LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2011

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2011

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

Untuk Mengetahui Tindakan-Tindakan Yang Telah/Sedang/Akan Diambil Oleh Pihak Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan Terhadap Isu-Isu Yang Dilaporkan Dalam Laporan Ini Hendaklah Dibaca Bersama Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KANDUNGAN

KANDUNGAN

Muka Surat

KATA PENDAHULUAN ***ix***
INTISARI LAPORAN ***xiii***

BAHAGIAN I
PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
1. Pendahuluan 3

JABATAN PERDANA MENTERI

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
- Jabatan Insolvensi Malaysia
2. Pengurusan Kes Kebankrapan Dan Penggulungan Syarikat 3

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan
3. Pengurusan Penyenggaraan Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur 28

Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)
4. Pengurusan Pembangunan Pelancongan Di Wilayah Ekonomi Koridor 42

KEMENTERIAN KEWANGAN

Perbendaharaan Malaysia
- Bahagian Pinjaman Perumahan
5. Pengurusan Pinjaman Perumahan 51

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
6. Pengurusan Data Penerima Bayaran Fi Dan Komisen 74
7. Pengurusan Cukai Pendapatan Pemilik Harta 83
8. Pengurusan Aktiviti Audit Meja Di Cawangan Tidak Bermastautin 92
9. Pengurusan Aktiviti Audit Cukai Bagi Individu Berpendapatan Perniagaan 100

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
10. Pengurusan Taksiran Duti Import 124
11. Pengurusan Kuarters 138
12. Pengurusan Peralatan Alat Bantu Kerja Bagi Aktiviti Penguatkuasaan 156
13. Pengurusan Barang Rampasan Dan Lucut Hak 172

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
14. Pengurusan Projek Pertanian Kawasan Parlimen 185
15. Pengurusan Program Subsidi Beras Kepada BERNAS Dan Pengilang Padi Swasta 195
16. Pengurusan Pembangunan Industri Rumpai Laut 206
17. Program Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan 220

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
18. Projek Agropolitan Di Bawah Program Lonjakan Mega Luar Bandar 236
19. Projek Membina Dan Menaik Taraf Jalan Luar Bandar Di Negeri Sarawak 254

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
Jabatan Pengairan Dan Saliran
20. Pengurusan Operasi Empangan 266
21. Pengurusan Projek Saliran Bandar 287

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
22. Program Keusahawanan Siswa 311

KEMENTERIAN KERJA RAYA
23. Pembinaan Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Kota Bahru, Kelantan 330
24. Pengurusan Pendaftaran Kontraktor Di Pusat Khidmat Kontraktor 341

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
25. Pentadbiran Kontrak 348
26. Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Ipoh Ke Padang Besar 358
27. Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Seremban Ke Gemas 386

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
28. Pengurusan Program Aplikasi Teknologi Kepada Komuniti (TAPMOSTI@COMMUNITY) 409
29. Pembinaan Kuarters, Stesen Dan Pejabat Jabatan Meteorologi Malaysia 432

KEMENTERIAN PELANCONGAN
30. Pengurusan Program Penyediaan/Peningkatan Kemudahan Pelancongan 446
31. Projek Menaik Taraf Kereta Api Bukit Bendera, Pulau Pinang 465

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
32. Pengurusan Projek *Integrated Transport Information System* 482

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
33. Projek Sistem Solar Hibrid Untuk Sekolah Luar Bandar 499
34. Pengurusan Kuarters 526
35. Perolehan Peralatan Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV) Di Sekolah Menengah Teknik/Vokasional 551
36. Pengurusan Bekalan Makanan Bermasak Di Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Teknik/Vokasional Dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan 570

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
37. Pengurusan Bekalan Ubat Dan Bukan Ubat 600
38. Pengurusan Aktiviti Pendaftaran, Pelesenan Dan Penguatkuasaan Farmasi 615
39. Pengurusan Peralatan Hospital 629
40. Projek Pembinaan Hospital Kluang, Johor 650
41. Pengurusan Perkhidmatan Linen Dan Dobi 663
42. Perkhidmatan Penyenggaraan *Hospital Information System* (HIS) 681
43. Pengurusan Program Perkhidmatan Doktor Udara Di Negeri Sarawak 696

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
Jabatan Tenaga Manusia
44. Pengurusan Pembinaan Dan Perolehan Peralatan Pembelajaran Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) 706

KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN
Jabatan Warisan Negara
45. Program Pemuliharaan Dan Pemugaran Tinggalan Sejarah 724

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
Jabatan Kebajikan Masyarakat
46. Program Skim Bantuan Kebajikan Masyarakat 736

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
47. Pengurusan Skim Latihan Akademik IPTA 748

KEMENTERIAN PERTAHANAN
48. Kemudahan Rumah Keluarga Anggota Tentera Bagi Angkatan Tentera Malaysia 759
49. Pengurusan Program Latihan Khidmat Negara 779

KEMENTERIAN DALAM NEGERI
50. Pembinaan Dan Pengurusan Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Johor 793

Unit Pencegah Penyeludupan
51. Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan 815

Polis DiRaja Malaysia
52. Pengurusan Tanah Yang Belum Dibangunkan 842
53. Pembinaan Pangkalan Polis Marin Lahad Datu, Sabah 861

Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
54. Pengurusan Perolehan Peralatan Bantuan Kecemasan 883

HASIL PENGAUDITAN YANG DILAPORKAN SECARA RINGKAS

KEMENTERIAN KEWANGAN
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
55. Pengurusan Pungutan Cukai Pendapatan Bagi Kes Penyiasatan 895

KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN
56. Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) 898

KEMENTERIAN PERTAHANAN
57. Pengurusan Perolehan Pesawat PC-7 MK II 900

KEMENTERIAN DALAM NEGERI
58. Projek Pembinaan Kompleks Kementerian Dalam Negeri Di Langkawi, Kedah 903

Jabatan Imigresen Malaysia
59. Pengurusan Aktiviti Pengeluaran Pasport 906

BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

60. Pendahuluan 911
61. Prestasi Kewangan Syarikat Secara Keseluruhan 912
62. Pengurusan Aktiviti Syarikat 920
63. Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia 931
64. SIRIM Berhad 952
65. Pengurusan Aset Air Berhad 971
66. Pengurusan Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. (RAPIDKL) 995
67. Pengurusan UDA Holdings Berhad 1014
68. Pengurusan Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. 1035
69. Pengurusan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. 1054
70. Rumusan Terhadap Pengurusan Syarikat Kerajaan Secara Menyeluruh 1082

BAHAGIAN III
TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI TERHADAP SYOR YANG DIKEMUKAKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2010 - KEDUDUKAN SETAKAT 30 APRIL 2012 1085

PENUTUP 1099



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 4 jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.2. Pengauditan Pematuhan - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

1.3. Pengauditan Prestasi - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan.

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan saya mengenai pelaksanaan aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan dan pengurusan syarikat Kerajaan bagi tahun 2011 mengandungi 3 bahagian seperti berikut:

Bahagian I	**:**	**Pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan**
Bahagian II	**:**	**Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan**
Bahagian III	**:**	**Kedudukan Tindakan Susulan Yang Belum Diambil Oleh Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan Terhadap Syor Yang Dikemukakan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun 2009 Dan 2010**

3. Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan untuk menilai sama ada aktiviti Kerajaan diuruskan dengan cekap, berhemat dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti pembinaan, infrastruktur, penyenggaraan, pengurusan aset, penguatkuasaan undang-undang, perolehan, pengurusan hasil, pelajaran, kesihatan, pertanian, modal insan dan program peningkatan sosioekonomi. Laporan ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan terhadap 58 aktiviti/projek di bawah 28 Kementerian/Jabatan Persekutuan dan pengurusan 7 syarikat Kerajaan. Pada umumnya, terdapat kelemahan seperti *improper payment*, kerja/bekalan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti/tidak sesuai, kelewatan tidak munasabah, pembaziran,

pengurusan hasil dan pengurusan aset Kerajaan. Kelemahan tersebut adalah disebabkan oleh kecuaian dalam mematuhi peraturan/prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan; kurang teliti semasa merancang program/projek dan menetapkan skop serta spesifikasi tender; tidak memantau dengan kerap dan teliti kerja-kerja kontraktor/vendor/perunding; kurang kemahiran dalam pengurusan projek; lewat membuat keputusan mengenai perolehan; sistem maklumat jabatan/agensi yang tidak lengkap dan tidak kemas kini; kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu program/projek; kekurangan peruntukan untuk penyenggaraan aset; dan kekurangan pegawai untuk mengutip hasil.

4. Selain daripada itu, Laporan ini juga mengandungi prestasi kewangan 47 syarikat Kerajaan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 serta hasil analisis terhadap data yang diperolehi daripada penyata kewangan syarikat yang telah diaudit. Sebanyak 23 syarikat telah memperolehi keuntungan sebelum cukai untuk tempoh 3 tahun berturut-turut berjumlah RM255.834 bilion dan 9 syarikat mengalami kerugian terkumpul bagi tempoh 3 tahun berturut-turut berjumlah RM2.446 bilion. Bagaimanapun, daripada 23 syarikat yang memperolehi keuntungan tersebut, hanya 10 syarikat yang membayar dividen kepada Kerajaan bagi 3 tahun berturut-turut berjumlah RM109.364 bilion manakala 4 syarikat yang lain hanya membayar dividen bagi tahun-tahun tertentu sahaja. Sebanyak 20 daripada 25 syarikat telah membayar cukai bagi 3 tahun berturut-turut berjumlah RM81.382 bilion kepada Kerajaan.

5. Bagi membantu Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan memperbetulkan kelemahan yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2009 dan 2010, sebanyak 547 syor telah dikemukakan untuk tujuan tersebut. Pemeriksaan susulan yang dijalankan setakat 30 April 2012 mendapati 241 (96.4%) daripada 250 syor yang dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2009 telah diambil tindakan dengan sewajarnya oleh pihak yang berkenaan. Manakala bagi tahun 2010, sebanyak 220 (74.1%) daripada 297 syor yang dikemukakan telah diambil tindakan. Dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2011 ini pula, sebanyak 356 syor telah dikemukakan kepada Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan berkenaan untuk tindakan pembetulan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang. Jabatan ini akan membuat pemantauan secara berterusan bagi memastikan tindakan yang sewajarnya diambil oleh pihak yang berkenaan terhadap syor tersebut dan akan melaporkan kedudukan terkininya dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
25 Julai 2012



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

JABATAN PERDANA MENTERI

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang

Jabatan Insolvensi Malaysia

1. Pengurusan Kes Kebankrapan Dan Penggulungan Syarikat

a. Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) bertanggungjawab dalam pengendalian, pentadbiran, perkhidmatan, pematuhan undang-undang dan penguatkuasaan pengurusan insolvensi di Malaysia. Pengauditan yang dijalankan mendapati bilangan penyelesaian kes dan jumlah pungutan hasil berkaitan pentadbiran hal ehwal insolvensi menunjukkan peningkatan yang ketara dalam tempoh tahun 2009 hingga 2011 kesan daripada pelaksanaan Program Transformasi Organisasi secara menyeluruh yang dilaksanakan mulai bulan April 2009. Bagaimanapun, pengurusan kes kebankrapan/penggulungan syarikat di pejabat yang dilawati masih kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan lagi. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

   i. proses/carta aliran kerja tidak dikemas kini dengan peraturan/arahan/norma masa;
   ii. kelewatan mengambil tindakan susulan;
   iii. latihan pengurusan insolvensi tidak mencukupi bagi meningkatkan kemahiran/ kecekapan pegawai; dan
   iv. penyimpanan/penyelenggaraan fail/dokumen kes syarikat yang digulung tidak teratur.

b. Pihak Audit mengesyorkan MdI melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. mengemas kini proses/carta aliran kerja selaras dengan Akta dan Arahan Jabatan, menetapkan norma masa bagi tujuan merekodkan kes kebankrapan ke dalam *Case Management System*/menyediakan faharasat/pengeluaran Surat Notifikasi Awal/ pengeluaran Surat Peringatan kehadiran/pemfailan Penyata Hal Ehwal (PHE)/bayaran ansuran;
   ii. menjalankan lawat periksa ke premis supaya proses penzahiran harta dapat dilakukan segera;
   iii. mewujudkan sistem pengawasan bagi memantau pengeluaran Surat Notifikasi Awal/Surat Peringatan kehadiran bankrap/pengarah syarikat, pemfailan PHE/bayaran ansuran supaya tindakan permohonan Waran Tangkap boleh dilakukan;
   iv. meningkatkan kemahiran dan kompetensi pegawai/kakitangan mengenai pengurusan kes kebankrapan/penggulungan syarikat dan memastikan latihan mencukupi; dan
   v. menyimpan/menyelenggarakan fail/dokumen kes syarikat yang digulung dengan teratur dan sistematik bagi memudahkan rujukan dan pemantauan dan menjamin keselamatannya.

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan

2. Pengurusan Penyenggaraan Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur

a. Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur (KMKL) telah siap dibina pada Februari 2007 dan beroperasi mulai 3 Mei 2007. Penyenggaraan perlu dilaksanakan bagi menjaga, memulihkan, memperbaiki kemudahan dan persekitaran bangunan. Pejabat Ketua Pendaftar

Mahkamah Persekutuan (PKPMP) bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dan pemantauan penyenggaraan bangunan KMKL. Kemuncak Facilities Management Sdn. Bhd. (KFM) telah dilantik untuk kerja penyenggaraan secara rundingan terus oleh Kementerian Kewangan. Perjanjian penyenggaraan telah ditandatangani pada 14 September 2007 bagi tempoh 3 tahun (1 Julai 2007 - 30 Jun 2010) dengan nilai kontrak berjumlah RM30.28 juta. Perjanjian ini telah dilanjutkan bagi tempoh 2 tahun (1 Julai 2010 - 30 Jun 2012) dengan nilai kontrak RM20.19 juta. Skop perkhidmatan penyenggaraan yang dilaksanakan di KMKL adalah pemuliharaan bangunan iaitu operasi penyenggaraan secara komprehensif melibatkan kerja mekanikal, elektrik, sivil dan struktur serta kerja am. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhan pengurusan penyenggaraan KMKL adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

i. terdapat beberapa aspek dalam pelaksanaan penyenggaraan yang perlu ditambah baik bagi meningkatkan keberkesanan penyenggaraan dan memastikan bangunan KMKL berada dalam keadaan terjaga;

ii. prestasi penyenggaraan fizikal kurang memuaskan seperti berlaku retakan dan kebocoran pada bangunan; dan

iii. kandungan kontrak tidak jelas seperti nilai bagi setiap jenis kerja tidak dinyatakan secara terperinci serta tiada peruntukan mengenai pengukuran kualiti, denda dan *Key Performance Indicator* (KPI).

b. Pihak Audit mengesyorkan PKPMP dan pihak yang terlibat melaksanakan perkara seperti berikut:

i. membuat pemantauan secara berkala ke atas kerja penyenggaraan yang dijalankan oleh pihak KFM bagi menjamin kerja yang dilaksanakan berkesan, berkualiti, mengikut spesifikasi dan perancangan penyenggaraan;

ii. memperuntukkan klausa penalti, mekanisme pengukuran kualiti kerja dan KPI dalam kontrak penyenggaraan akan datang;

iii. membaiki retakan dengan segera bagi memastikan ianya tidak menjadi lebih serius dan kebocoran seperti sebelum ini tidak berulang;

iv. meminta bantuan teknikal daripada JKR untuk mengenal pasti punca sebenar berlaku retakan dan resapan yang berterusan bagi memastikan kerja penyenggaraan lebih berkesan;

v. memastikan butiran nilai kerja disediakan secara terperinci bagi mengelakkan bayaran secara *lump-sum* bagi memastikan penyediaan kontrak penyenggaraan yang akan datang dapat dipertingkatkan keberkesanannya. Ianya termasuk tuntutan bayaran yang lebih terperinci dan jelas; dan

vi. melantik pegawai teknikal dengan segera bagi pemantauan yang melibatkan semakan dan pengesahan kerja.

Unit Kerjasama Awam Swasta

3. Pengurusan Pembangunan Pelancongan Di Wilayah Ekonomi Koridor

a. Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri adalah agensi pusat yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras projek-projek Penswastaan dan projek kerjasama sektor awam-swasta yang memberi impak kepada ekonomi dan boleh diberi suntikan dana *facilitation fund*. Antara fungsi UKAS adalah mengkaji, merancang, menyelaras, mengawal, memudahcara dan menilai pelaksanaan program pembangunan koridor. Pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor merupakan satu inisiatif Kerajaan yang bermula dari RMKe-9 bagi merapatkan perhubungan antara semua negeri dengan cara mengurangkan jurang perbezaan sosioekonomi dan struktur antara wilayah. Objektif program pembangunan

pelancongan di Wilayah Ekonomi Koridor adalah untuk meningkatkan bilangan ketibaan pelancong melalui penyediaan kemudahan pelancongan bertaraf dunia di samping merapatkan jurang perbezaan antara wilayah. Pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan pembangunan pelancongan di wilayah ekonomi koridor secara keseluruhannya adalah baik dari segi penetapan strategi kepada Pihak Berkuasa Koridor (PBK) dan kajian dibuat sebelum projek dilaksanakan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

i. projek Pembiakan Badak Sumbu, Lahad Datu, Sabah lewat disiapkan dan 2 lanjutan masa diluluskan selama 252 hari;
ii. kerja pembinaan tidak berkualiti;
iii. penilaian pencapaian tidak dilaksanakan; dan
iv. maklumat peruntukan/perbelanjaan tidak kemas kini.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya UKAS dan PBK mengambil tindakan seperti berikut:

i. memantau pembaikan ke atas pembinaan dan menaik taraf projek;
ii. memantau pelaksanaan projek bagi memastikan kejayaan program dicapai secara menyeluruh;
iii. memberi penekanan terhadap kejayaan projek dengan membuat penilaian *outcome* supaya prestasi PBK diukur dengan lebih berkesan dan membantu dalam perancangan projek yang akan datang; dan
iv. mengemas kini maklumat kewangan dan status pelaksanaan projek supaya pemantauan dan penyeliaan terhadap program dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

KEMENTERIAN KEWANGAN

Bahagian Pinjaman Perumahan

4. Pengurusan Pinjaman Perumahan

a. Pada tahun 1971 Kerajaan telah menubuhkan satu Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (KWPP) yang diuruskan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan (BPP), Perbendaharaan Malaysia melalui Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 (Akta 42) yang bertujuan memberi pinjaman perumahan kepada anggota sektor awam. Pada akhir tahun 2011, baki KWPP adalah berjumlah RM1.908 bilion. Objektif BPP adalah untuk menguruskan pembiayaan perumahan awam secara profesional, berintegriti dan berhemat selaras dengan hasrat Kerajaan untuk membantu anggota sektor awam memiliki rumah sendiri. Pengauditan yang dijalankan mendapati BPP telah berjaya merealisasikan hasrat Kerajaan untuk membantu anggota sektor awam memiliki rumah sendiri. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan pinjaman perumahan yang perlu diperbaiki seperti berikut:

i. maklumat bilangan peminjam dan baki pinjaman belum selesai tidak dapat disahkan;
ii. ketidakpatuhan syarat pinjaman;
iii. kelewatan bayaran kepada pemaju/pemegang taruhan;
iv. tunggakan bayaran balik pinjaman; dan
v. kelewatan mengambil tindakan terhadap peminjam mungkir dan permasalahan dalam pelepasan dokumen hak milik.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya BPP mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

i. membangunkan satu sistem berkomputer bersepadu yang mampu menjana laporan yang tepat berkaitan pinjaman perumahan;

ii. memastikan proses kerja dijalankan dengan teratur dan mewujudkan mekanisme pemantauan yang berkesan bagi memastikan peminjam mematuhi syarat pinjaman;

iii. memastikan bayaran balik pinjaman dibuat dalam tempoh yang ditetapkan;

iv. mendapatkan nasihat perundangan bagi menyelesaikan masalah kes tunggakan yang berlarutan; dan

v. memastikan semua dokumen hak milik sentiasa berada dalam keadaan selamat dan diserah balik kepada peminjam sebaik saja bayaran balik pinjaman diselesaikan.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

5. Pengurusan Data Penerima Bayaran Fi Dan Komisen

a. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah diperuntukkan kuasa mengikut Seksyen 81 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 untuk meminta maklumat mengenai penerima bayaran daripada agensi tertentu. Maklumat tersebut adalah berkaitan dengan pembayaran kepada individu atau syarikat seperti pembayaran komisen kepada agen/wakil insurans, pengedar/pemborong/wakil penjual/stokis dan *remisiers/broker* serta pembayaran fi yang lain seperti pembayaran royalti kepada pengarang/penulis, pembayaran kepada pengajar sambilan, pembekal/perunding dan lain-lain. Sistem Maklumat Unit Pengesanan (SMUP) dibangunkan supaya proses pengumpulan maklumat luaran pembayar cukai dapat diuruskan dengan lebih teratur di mana setiap pemberi maklumat akan didaftarkan bagi memudahkan pemantauan. Pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

   i. maklumat penerima bayaran fi dan komisen tidak dikemukakan oleh agensi pemberi maklumat;

   ii. pembayar cukai tidak/kurang melaporkan pendapatan fi atau komisen dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi tahun taksiran yang disemak;

   iii. pembayar cukai tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan walaupun mereka ada menerima pendapatan fi dan komisen; dan

   iv. pembayar cukai belum dipilih untuk dilaksanakan audit cukai.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya LHDNM memberi perhatian terhadap perkara seperti berikut:

   i. mewajibkan semua pemberi maklumat mengemukakan maklumat penerima bayaran fi dan komisen dalam tempoh masa yang ditetapkan;

   ii. menguatkuasakan tindakan pendakwaan terhadap pemberi maklumat yang ingkar;

   iii. memastikan Sistem Maklumat Unit Pengesanan yang dibangunkan dapat digunakan sebagai sumber maklumat yang tepat; dan

   iv. menjalankan audit meja atau audit luar terhadap kategori penerima bayaran fi dan komisen yang tinggi dan gagal melaporkan pendapatan dengan betul untuk memastikan tahap pematuhan cukai.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

6. Pengurusan Cukai Pendapatan Pemilik Harta

a. Seksyen 13 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) 1976, menghendaki pemilik harta mengisytiharkan harta yang diperolehinya kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Pemilik harta melaporkan pemilikan harta khususnya hartanah kepada LHDNM melalui proses penyeteman perjanjian sewa beli. LHDNM seterusnya menyalurkan maklumat ini ke dalam gudang data melalui Sistem Maklumat Unit Pengesanan (SMUP).

Maklumat ini akan digunakan oleh Unit Pengesanan untuk mengesan individu yang masih belum mempunyai fail cukai selain bertujuan untuk membesarkan asas cukai. Manakala bagi pendaftaran kenderaan pula maklumat pemilikan kenderaan disimpan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan. Pengauditan yang dijalankan mendapati kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

i. terdapat pemilik harta yang tidak mempunyai fail cukai pendapatan;
ii. maklumat tidak disalurkan ke Profil Pembayar Cukai [*Enterprise Taxpayer Profile* (ETP)];
iii. tindakan pengesanan tidak dibuat terhadap pemilik harta;
iv. pemilihan kes pemilik harta untuk tindakan audit meja atau audit luar kurang diberi perhatian; dan
v. tindakan sekatan perjalanan dan tindakan guaman sivil tidak dibuat terhadap pemilik harta yang mempunyai cukai tertunggak.

b. Bagi memantapkan lagi pengurusan cukai pendapatan pemilik harta, LHDNM disyorkan supaya meneliti dan mengambil tindakan seperti berikut:

i. bekerjasama dengan agensi Kerajaan/swasta dalam perkongsian maklumat agar asas cukai dapat diperluaskan serta kutipan cukai dipertingkatkan;
ii. tindakan pengesanan perlu diperkukuhkan serta diperkasakan bagi mengelak daripada berlakunya pelarian cukai oleh individu yang layak dikenakan cukai;
iii. kriteria pemilihan kes untuk audit meja atau audit luar perlu dilanjutkan kepada pemilik harta untuk mengelak daripada berlakunya pelaporan pendapatan yang tidak tepat, kekurangan kutipan hasil dan mengelak pelarian cukai; dan
iv. mengenakan sekatan perjalanan ke luar negara dan tindakan guaman sivil terhadap pemilik harta yang mempunyai tunggakan cukai.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

7. Pengurusan Aktiviti Audit Meja Di Cawangan Tidak Bermastautin

a. Mengikut Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967, individu tidak bermastautin adalah individu yang berada di Malaysia kurang daripada 182 hari dalam tempoh satu tahun tanpa mengira kerakyatan atau kewarganegaraan. Pengenaan cukai bagi individu tidak bermastautin adalah berdasarkan pendapatan yang diperolehi atau diterima di Malaysia dan cukai yang dikenakan adalah sebanyak 26% mulai tahun taksiran 2010 tanpa tolakan pelepasan dan rebat cukai. Syarikat tidak bermastautin adalah syarikat yang menjalankan perniagaan melalui pertubuhan tetap di Malaysia. Syarikat ini akan dikenakan cukai yang ditaksir atas pendapatan terakru dari Malaysia. Kadar cukai yang dikenakan adalah sebanyak 25% mulai tahun taksiran 2009. Cawangan Tidak Bermastautin, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menguruskan cukai pendapatan individu dan syarikat yang tidak bermastautin di Malaysia. Di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS), audit cukai melalui audit meja adalah aktiviti utama LHDNM bagi meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya pengurusan aktiviti audit meja di Cawangan Tidak Bermastautin adalah memuaskan di mana prestasinya telah meningkat daripada ketidakcapaian sasaran pada tahun 2010 kepada pencapaian melebihi sasaran pada tahun 2011. Bagaimanapun daripada aspek pelaksanaan aktivitinya, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

i. berlaku kelewatan dalam pendaftaran kes;
ii. kelemahan pungutan cukai mengakibatkan berlaku tunggakan cukai berjumlah RM3.36 juta di antara satu hingga 132 bulan;
iii. kenaikan cukai tidak atau terkurang dikenakan; dan

iv. arahan mengeluarkan perintah halangan ke luar negara dan tindakan guaman sivil tidak diambil terhadap pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai yang melebihi had yang ditetapkan.

b. Pihak Audit mengesyorkan LHDNM melaksanakan perkara seperti berikut:

i. meningkatkan pemantauan terhadap pengurusan aktiviti audit meja bagi memastikan setiap kes didaftarkan dan diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan;

ii. mempertingkatkan kempen kesedaran kepada pembayar cukai untuk meningkatkan pematuhan cukai;

iii. memastikan semua pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai dikenakan kenaikan cukai yang betul; dan

iv. mengeluarkan perintah halangan ke luar negara dengan segera atau mengambil tindakan guaman sivil terhadap pembayar cukai yang mempunyai tunggakan melebihi had yang ditetapkan.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

8. Pengurusan Aktiviti Audit Cukai Bagi Individu Berpendapatan Perniagaan

a. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) melaksanakan Sistem Taksir Sendiri (STS) bagi individu berpendapatan perniagaan mulai tahun 2004. Pelaksanaan sistem ini bertujuan menggalakkan pembayar cukai melaporkan dan membayar cukai pendapatan secara sukarela. Bagi mengesahkan ketepatan cukai pendapatan yang dilaporkan oleh individu berpendapatan perniagaan melalui STS, LHDNM menjalankan aktiviti audit cukai untuk mengesan tahap pematuhan pembayar cukai terhadap undang-undang percukaian dan mewujudkan pematuhan sukarela oleh pembayar cukai di masa akan datang melalui Audit Luar dan Audit Meja. Pengauditan yang dijalankan mendapati pencapaian *Key Performance Indicators* (KPI) Cawangan LHDNM untuk aktiviti audit bagi individu berpendapatan perniagaan adalah baik memandangkan 12 (70.6%) daripada 17 Cawangan telah dapat mencapai/melebihi sasaran fail yang ditetapkan. Bagaimanapun pencapaian KPI Pegawai Audit Luar masih perlu dipertingkatkan memandangkan satu cawangan sahaja yang dapat mencapai KPI untuk kesemua Pegawai Audit Luar bagi tahun 2010 dan 2011. Manakala 5 Cawangan lain hanya dapat mencapai sasaran KPI untuk kesemua Pegawai Audit Luar bagi tahun 2010 atau 2011. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti audit cukai seperti berikut:

i. sebanyak 1,244 individu (7.3%) daripada 17,085 individu yang dijalankan audit luar, telah ditutup tanpa penemuan audit kerana tiada bukti berlakunya pengelakan cukai sungguhpun ia dianggap berisiko semasa di peringkat pemilihan kes;

ii. sebanyak 1,073 fail individu (57.3%) daripada 1,873 fail individu yang disemak di 17 Cawangan LHDNM, melibatkan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM33.24 juta lewat diselesaikan antara 6 hingga 941 hari;

iii. taksiran tambahan audit luar dan taksiran anggaran berjumlah RM1.21 juta tidak dikeluarkan kepada 36 pembayar cukai; dan

iv. kenaikan cukai tidak dikenakan terhadap tunggakan cukai dan kegagalan mematuhi skim bayaran cukai secara ansuran yang mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan.

b. Pihak Audit mengesyorkan LHDNM melaksanakan perkara seperti berikut:

i. mengkaji piawaian negara serantau mengenai peratusan bilangan individu berpendapatan perniagaan yang perlu dijalankan audit luar dan menetapkan peratusan yang sewajarnya sebagai sasaran kerja tahunan;

ii. menentukan bilangan jawatan Pegawai Audit Luar yang diperlukan selaras dengan sasaran peningkatan liputan aktiviti audit luar;

iii. pemilihan kes audit luar berasaskan analisis risiko perlu dikaji semula berdasarkan maklumat pembayar cukai yang tepat;

iv. mencadangkan kepada Jabatan Perangkaan Malaysia dari semasa ke semasa mengenai jenis perniagaan/perkhidmatan yang wajar diberi kod perniagaan secara spesifik untuk memastikan kod perniagaan adalah lengkap dan kemas kini. ACP 1967 perlu diperuntukkan seksyen untuk mengenakan penalti terhadap pembayar cukai yang tidak mengisi kod perniagaan atau mengisi kod perniagaan yang tidak tepat;

v. Notis Taksiran Cukai Tambahan perlu dikeluarkan segera bagi kes yang penyelesaiannya telah diluluskan oleh pegawai atasan untuk membolehkan cukai dipungut; dan

vi. mempertingkatkan keupayaan sistem automasi seperti memastikan STS selain Syarikat yang sedia ada berupaya mengeluarkan taksiran anggaran secara automatik, kenaikan cukai secara automatik terhadap tunggakan cukai dan kegagalan mematuhi skim bayaran ansuran cukai.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

9. Pengurusan Taksiran Duti Import

a. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bertanggungjawab untuk memungut cukai tidak langsung seperti duti import, duti eksport, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan juga levi yang dikenakan ke atas urus niaga perdagangan serta perindustrian yang dijalankan di Malaysia. Bagi melaksanakan tugas pungutan duti import, JKDM telah diberi kuasa melalui undang-undang dan peraturan tertentu. Selain itu, JKDM juga mengeluarkan Perintah Tetap Kastam (PTK), Perintah Am Jabatan dan Tatacara Kerja Negeri bagi memperincikan lagi proses kerja taksiran duti import. Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Oktober 2011 mendapati pengurusan taksiran duti import adalah memuaskan di mana borang taksiran telah diproses dengan teratur dan duti dikutip berdasarkan undang-undang dan peraturan di stesen Kastam. Pada tahun 2011, JKDM mengutip duti import berjumlah RM8.704 bilion iaitu meningkat sejumlah RM2.739 bilion berbanding dengan kutipan berjumlah RM5.965 bilion pada tahun 2007. Jumlah ini merupakan kutipan yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun sejak tahun 2007. Namun demikian, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan taksiran duti import seperti berikut:

   i. ejen penghantaran masih boleh membawa borang ikrar untuk urusan seterusnya;

   ii. daripada 19 mesin pengimbas kontena di seluruh negara yang diperolehi dari tahun 2001 hingga bulan September 2010, adalah didapati 3 mesin pengimbas telah dilupuskan. Manakala daripada 16 mesin yang boleh digunakan hanya 6 berimej jelas;

   iii. proses verifikasi terhadap Borang K1 tidak dilaksanakan di 3 negeri dan imbangan manifes lewat dilakukan;

   iv. kekurangan pegawai daripada Cawangan Pasca Import; dan

   v. prestasi kutipan balik oleh Cawangan Pasca Import dan Cawangan Verifikasi Dan Profiling yang rendah.

b. Pihak Audit mengesyorkan JKDM memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap perkara seperti berikut:

   i. memastikan borang kastam selepas didaftar hanya dikendalikan oleh pegawai yang bertanggungjawab dan melaksanakan aktiviti penyeliaan, pemantauan serta mengambil tindakan tegas terhadap stesen Kastam yang masih membenarkan agen penghantaran

membawa sendiri borang ikrar dan dokumen yang telah didaftarkan untuk urusan selanjutnya;

ii. memastikan semua mesin pengimbas boleh berfungsi dengan sempurna serta mempertimbangkan perolehan mesin pengimbas baru untuk semua stesen Kastam yang dikenal pasti sebagai stesen Kastam yang mempunyai pengimportan barangan kritikal;

iii. memastikan pengimbangan manifes dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan supaya setiap barangan yang dibawa masuk dapat dikawal dengan sempurna; dan

iv. memperkasakan Cawangan Pasca Import dan mempertingkatkan prestasi kutipan balik duti/cukai yang dikenal pasti.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

10. Pengurusan Kuarters

a. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah menyediakan kemudahan perumahan (kuarters jabatan) bagi membolehkan kakitangannya sentiasa berada berdekatan dengan pejabat setiap masa. Penyediaan jenis kuarters JKDM dilaksanakan mengikut pangkat dan kelayakan seperti yang ditetapkan dalam Perintah Am - Bab E (Rumah dan Bangunan Pejabat). JKDM telah membelanjakan sejumlah RM43.56 juta daripada peruntukan mengurus bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 untuk menjalankan kerja penyenggaraan/pembaikan kuarters jabatan. Pengauditan yang dijalankan mendapati kemudahan kuarters jabatan yang disediakan untuk 58.3% kakitangan JKDM tidak mencapai objektif yang ditetapkan di mana 2,000 (31.6%) daripada 6,320 kuarters jabatan tidak diduduki setakat bulan Disember 2011. Antaranya 33 unit yang tidak pernah diduduki sejak ia siap dibina pada tahun 2000. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan kuarters jabatan seperti berikut:

i. tiada tindakan diambil terhadap penghuni yang keluar daripada kuarters jabatan walaupun mereka meninggalkan kuarters jabatan dalam keadaan yang tidak terurus dan bersepah;

ii. terdapat kuarters jabatan yang rosak tidak dibaiki atau tiada penyenggaraan pencegahan disebabkan tiada peruntukan khusus; dan

iii. kelemahan penguatkuasaan untuk mengutip balik tunggakan sewa kuarters serta tiada pemantauan terhadap Jawatankuasa Perumahan peringkat negeri supaya bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan dan melaporkan perkara yang dibincangkan.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya JKDM mengambil tindakan seperti berikut:

i. memastikan penghuni kuarters jabatan mematuhi Perintah Am Bab E dan kuarters jabatan sentiasa dalam keadaan sempurna;

ii. melaksanakan proses operasi dan penyenggaraan aset seperti mana yang ditetapkan dalam Manual Pengurusan Aset Menyeluruh Kerajaan. Selain itu, menyediakan rancangan penyenggaraan secara berjadual yang meliputi penyenggaraan secara *preventive* dan *corrective* terhadap semua kuarters jabatan di seluruh negara berdasarkan kepada Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995. Peruntukan penyenggaraan yang mencukupi hendaklah dipohon daripada Perbendaharaan;

iii. mengambil tindakan segera untuk mengutip balik tunggakan sewa kuarters jabatan agar dapat memastikan hasil Kerajaan diperolehi dengan lebih berkesan; dan

iv. memastikan Jawatankuasa Perumahan peringkat negeri bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan serta melaporkan perkara yang dibincangkan.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

11. Pengurusan Perolehan Alat Bantu Kerja Bagi Aktiviti Penguatkuasaan

a. Bagi menangani penyeludupan, Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bertanggungjawab merancang dan melaksanakan operasi penguatkuasaan seperti sekatan jalan raya, rondaan laut/darat, serbuan dan pemeriksaan rapi di pelabuhan utama dan di pintu masuk kawasan sempadan. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, Bahagian Penguatkuasaan berjaya merampas barangan bernilai RM1.371 bilion dengan cukai berjumlah RM1.318 bilion. Operasi dan rondaan yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan JKDM melibatkan penggunaan peralatan logistik seperti senjata dan peluru, anjing pengesan dadah dan alat bantu kerja yang lain. Untuk tujuan perolehannya, Kerajaan telah meluluskan Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM20.20 juta di bawah RMKe-9. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya perolehan alat bantu kerja bagi aktiviti penguatkuasaan adalah kurang memuaskan kerana tidak diuruskan dengan cekap, berhemat dan teratur. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

   i. bayaran tidak teratur (improper payment) seperti perolehan peralatan bernilai RM9.94 juta melalui peruntukan mengurus telah dibuat tanpa kelulusan Pegawai Pengawal dan perolehan peralatan bernilai RM2.25 juta tanpa peruntukan yang mencukupi mengakibatkan ia dibayar di bawah AP59;

   ii. maklumat dalam katalog, invois dan Pesanan Kerajaan tidak terperinci mengakibatkan Pegawai Penerima tidak dapat mengesahkan spesifikasi dan kualiti peralatan yang diterima;

   iii. urusan pendaftaran aset yang lemah telah mengakibatkan 21 unit peralatan bernilai RM109,700 tidak dapat dikesan semasa pemeriksaan audit; dan

   iv. peralatan bernilai RM4.44 juta kurang/tidak digunakan secara optimum.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya JKDM mengambil tindakan seperti berikut:

   i. melantik Jawatankuasa Khas untuk menyiasat kes *improper payment* seperti perolehan harta modal tanpa kelulusan Pegawai Pengawal;

   ii. memastikan setiap Pesanan Kerajaan dan invois pembekal mempunyai maklumat yang terperinci seperti jenis, jenama, model dan spesifikasi untuk memudahkan Pegawai Penerima mengesahkan spesifikasi dan kualiti sebenar peralatan yang diterima. Satu pasukan khas perlu ditubuhkan untuk menyemak semua alat bantu kerja yang telah diperolehi semasa RMKe-9 dan memastikan jenis, jenama, model dan spesifikasi peralatan yang diterima/bayar adalah berdasarkan spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan. Satu laporan mengenainya hendaklah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Jabatan Audit Negara;

   iii. mengambil tindakan segera untuk memastikan semua aset didaftarkan dengan tepat dan kemas kini serta peralatan yang diagihkan ke negeri hendaklah disertakan dengan KEW.PA-2/KEW.PA-3;

   iv. memastikan penggunaan peralatan direkodkan secara teratur dalam KEW.PA-6 dan mengambil tindakan proaktif untuk memastikan semua peralatan dimanfaatkan sepenuhnya; dan

   v. menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap semua alat bantu kerja yang diperolehi dengan kadar segera dan selaras dengan Arahan Perbendaharaan. Laporan awal hendaklah disediakan dengan serta-merta sekiranya terdapat kes kehilangan peralatan.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

12. Pengurusan Barang Rampasan Dan Lucut Hak

a. Akta Kastam 1967 memberi kuasa kepada Pegawai Kastam untuk menyita apa-apa barang yang disyaki telah melanggar Akta Kastam. Barangan yang disita akan menjadi barang rampasan Kastam dan disimpan di Stor Penguatkuasaan di bawah jagaan Pegawai Kastam. Manakala barang-barang lucut hak Kastam merupakan semua jenis barangan yang dirampas dan dilucut hak kepada Kerajaan. Bahagian Penguatkuasaan telah berjaya merampas barangan yang terdiri dari komoditi yang berisiko tinggi seperti rokok, minuman keras, kenderaan dan tekstil. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, bahagian ini telah berjaya merampas barangan bernilai RM1.365 bilion yang melibatkan cukai Kastam berjumlah RM1.316 bilion. Pengauditan yang dijalankan di Ibu Pejabat Bahagian Penguatkuasaan JKDM dan 5 JKDM negeri (Melaka, Pahang, Perak, Perlis dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) mendapati perkara seperti berikut:

   i. pengurusan dan kawalan barang rampasan dan lucut hak JKDM secara umumnya telah mencapai objektif yang ditetapkan. Hasil jualan kenderaan dan barang lucut hak meningkat sebanyak 388.9% iaitu daripada RM3.15 juta pada tahun 2009 kepada RM15.40 juta pada tahun 2011;
   ii. penyelesaian kes yang kurang cekap;
   iii. kelemahan dalam penyelenggaraan daftar/rekod, kebersihan dan keselamatan Stor; dan
   iv. penguatkuasaan dan pemantauan yang kurang berkesan.

b. JKDM disyorkan melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. menetapkan tempoh masa yang perlu diambil untuk menyiapkan kertas siasatan terutamanya bagi kes yang melibatkan tangkapan dengan mengambil kira kerumitan kes;
   ii. menetapkan satu tempoh tertentu bagi kertas siasatan yang terlalu lama untuk diselesaikan supaya tindakan pelupusan dapat disegerakan;
   iii. memastikan Daftar Barang Rampasan dan Penyata Bulanan Barang Rampasan diselenggarakan secara teratur mengikut peraturan yang ditetapkan;
   iv. memastikan keadaan Stor Penguatkuasaan dan barang/kenderaan rampasan sentiasa berada dalam keadaan bersih dan dijaga dengan baik supaya kualitinya dan kegunaannya lebih terjamin; dan
   v. memastikan peralatan bagi sistem kawalan keselamatan ditempatkan di lokasi yang lebih sesuai supaya dapat berfungsi dengan berkesan.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

13. Pengurusan Projek Pertanian Kawasan Parlimen

a. Dua daripada 4 komponen di bawah Projek Pertanian Kawasan Parlimen adalah Projek Kecil Pertanian Kawasan Parlimen (PKPP) dan Projek Pertanian Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen (Projek Pertanian MPPP). Setiap kawasan Parlimen diperuntukkan sejumlah RM100,000 setahun bagi melaksanakan setiap komponen projek tersebut. Objektif PKPP adalah untuk melibatkan Ahli Parlimen dalam merancang dan memantau pelaksanaan projek kecil pertanian dan membantu kumpulan sasar iaitu petani, penternak dan nelayan dalam meningkatkan pendapatan hasil pengeluaran. Objektif penubuhan MPPP pula adalah untuk mendapatkan idea melalui forum, mengenal pasti masalah, menghebahkan peluang dan kemudahan yang berkaitan dengan projek pertanian. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya, projek ini telah dilaksanakan mengikut perancangan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan projek seperti berikut:

i. keberkesanan projek tidak dapat ditentukan kerana maklumat menyeluruh mengenai projek tidak diselenggara oleh pihak Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (Kementerian);
ii. salah satu objektif program ini iaitu membantu kumpulan sasar dalam meningkatkan pendapatan secara berterusan masih belum dicapai sepenuhnya;
iii. sejumlah RM11.39 juta (35.5%) daripada RM32.09 juta yang diperuntukkan untuk 4 negeri bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 masih belum dibelanjakan oleh agensi pelaksana;
iv. tiada garis panduan yang jelas dan komprehensif;
v. pembinaan infrastruktur/bekalan yang tidak memuaskan;
vi. projek/peralatan tidak digunakan; dan
vii. pemantauan kurang berkesan.

b. Pihak Audit mengesyorkan pihak berkenaan melaksanakan perkara seperti berikut:
i. Kementerian/agensi pelaksana hendaklah menilai *outcome* dan impak projek/program;
ii. Kementerian hendaklah memperkemaskan garis panduan yang sedia ada supaya lebih komprehensif;
iii. Agensi pelaksana perlu memastikan pelaksanaan projek ini memberi faedah kepada kumpulan sasaran serta digunakan sepenuhnya secara berterusan oleh penerima bantuan bagi mengelakkan pembaziran kepada perbelanjaan Kerajaan; dan
iv. Kementerian hendaklah memastikan pemantauan dijalankan secara berkala terhadap setiap projek yang dijalankan bagi memastikan kerja yang dijalankan mengikut spesifikasi dan berkualiti.

14. Pengurusan Program Subsidi Beras Kepada BERNAS Dan Pengilang Padi Swasta

a. Program Subsidi Beras dengan kandungan beras hancur 15% yang mula dilaksanakan pada 1 September 2008 adalah bagi memastikan penyaluran beras ini kepada golongan yang berpendapatan rendah dapat dikawal dari segi kuantiti bekalan dan harganya. Objektif Program Subsidi Beras ini adalah untuk menyediakan bekalan beras super tempatan ST15% (Semenanjung Malaysia) dan S15% (Sabah dan Sarawak) bagi memenuhi permintaan dan keperluan pengguna yang semakin meningkat; mengekalkan harga kawalan beras subsidi dari RM1.65 per kg hingga RM1.80 per kg mengikut zon; dan menampung kerugian pengilang yang mengeluarkannya. Program ini telah bermula dengan Fasa I dan kemudiannya Fasa II yang berkuat kuasa sehingga kini. Pengauditan yang dijalankan mendapati objektif Program Subsidi Beras belum dicapai sepenuhnya kerana tiada satu mekanisme diwujudkan bagi memastikan golongan sasar yang ditetapkan mendapat manfaat daripada program ini. Selain itu, terdapat kelemahan dalam pengurusan program subsidi beras seperti berikut:
i. sasaran pengeluaran beras subsidi tidak dicapai sepenuhnya;
ii. peruntukan tidak mencukupi untuk menjelaskan tuntutan subsidi;
iii. garis panduan yang kurang jelas dan tidak komprehensif;
iv. perjanjian antara Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (Kementerian) dan BERNAS lewat ditandatangani dan terdapat kontrak ditandatangani selepas tamat tempoh kontrak; dan
v. kekurangan pegawai untuk menjalankan pemantauan program subsidi beras.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian melaksanakan perkara seperti berikut:
i. mengkaji semula keperluan Program Subsidi Beras berdasarkan objektif program ini yang sedia ada;

ii. mengkaji keperluan melaksanakan kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi memastikan subsidi beras kepada orang miskin dapat disalurkan dengan cara yang lebih berkesan;

iii. mengambil tindakan segera untuk memeterai perjanjian dengan BERNAS dan juga pemborong. Kementerian juga perlu menyatakan dengan jelas tanggungjawab dan tindakan yang boleh diambil ke atas pemborong yang melanggar perjanjian; dan

iv. menyediakan garis panduan yang jelas dan komprehensif bagi memastikan pelaksanaan program mencapai objektif yang ditetapkan.

15. Pengurusan Pembangunan Industri Rumpai Laut

a. Industri rumpai laut di Malaysia telah bermula di Negeri Sabah semenjak tahun 1978 dan pada masa kini projek rumpai laut banyak diusahakan di daerah Semporna, Kunak, Lahad Datu, Banggi, Kudat dan Tawau. Kawasan ini mempunyai kelebihan dari segi kesesuaian air laut untuk pengkulturan rumpai laut. Industri rumpai laut tersenarai dalam *Entry Point Project* (EPP) 3 di bawah *National Key Economic Area* (NKEA) iaitu untuk mendatangkan keuntungan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan memberi penekanan kepada pemodenan, pengeluaran berskala besar dan penambahan hasil melalui teknologi baru serta kaedah yang lebih cekap. Objektif Pembangunan Industri Rumpai Laut adalah untuk menghasilkan rumpai laut bagi industri huluan dan hiliran yang diterajui oleh sektor swasta; mengurangkan kebergantungan import; dan peningkatan jaminan kualiti serta pengawalan harga rumpai laut. Di bawah RMKe-9, Kerajaan telah meluluskan sejumlah RM7.20 juta untuk melaksanakan projek pembangunan industri rumpai laut yang melibatkan kos pembelian peralatan, menaik taraf dan pembinaan pelantar. Manakala di bawah RMKe-10 pula, sejumlah RM46.07 juta diluluskan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) untuk pembangunan mini estet, program penyelidikan, pembinaan kilang perintis dan peruntukan operasi. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara umumnya sasaran yang ditetapkan oleh Jabatan/NKEA dalam meningkatkan pengeluaran rumpai laut kering bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 telah dicapai. Bagaimanapun di bawah NKEA, projek *mini estate* masih belum dibangunkan sepenuhnya. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan pengurusan industri rumpai laut seperti berikut:

i. sebahagian besar peruntukan untuk membangunkan aktiviti rumpai laut masih belum dibelanjakan;

ii. pembinaan pelantar pengeringan/pemprosesan rumpai laut yang kurang memuaskan; dan

iii. peralatan yang telah dibekalkan masih belum digunakan/rosak.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya pihak Kementerian/Jabatan mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

i. memastikan status pelaksanaan oleh agensi pelaksana dipertingkatkan agar *output/outcome* dapat dicapai seperti yang ditetapkan;

ii. bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual, setiap projek yang dilaksanakan hendaklah dirancang dengan teliti dengan mengambil kira keperluan pengguna;

iii. memastikan kontraktor membaiki sebarang kerosakan/kecacatan dengan segera;

iv. mengagihkan baki bot/sampan kepada pengusaha dengan secepat mungkin bagi mengelakkan pembaziran; dan

v. melaksanakan kajian penilaian impak bagi memastikan *outcome* dapat dicapai secara lebih mapan.

16. Program Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan

a. Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) telah mula diperkenalkan sejak tahun 2000 untuk meningkatkan pengeluaran makanan di dalam negara. TKPM juga merupakan satu strategi di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) untuk mentransformasikan sektor pertanian dengan menggalakkan pelaksanaan projek pertanian secara berskala besar, komersil dan berteknologi tinggi oleh usahawan termasuk sektor swasta. Sehingga tahun 2011, sebanyak 55 TKPM yang merangkumi kawasan seluas 7,631.90 hektar telah diwujudkan dengan bilangan peserta seramai 964 peserta. Kuantiti pengeluaran pada akhir tahun 2011 mencapai 58,504 metrik tan bernilai RM63.5 juta. Objektif program ini adalah untuk mewujudkan zon pengeluaran tanaman makanan kekal, melahirkan usahawan dalam bidang pengeluaran bahan makanan, meningkatkan penglibatan usahawan dan sektor swasta dalam pengeluaran tanaman makanan; membantu meningkatkan pengeluaran makanan negara yang mapan dan berkualiti; dan meningkatkan pendapatan bersih peserta kepada sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan. Bagi mencapai objektif tersebut, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (Kementerian) telah merancang beberapa strategi seperti pembangunan yang berasaskan pendekatan pengezonan, berlandaskan pembangunan kluster industri tanaman makanan, berdasarkan *market driven* dan mewujudkan nilai rantaian makanan dalam kluster industri tanaman. Pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

   i. pewartaan dan hak milik tanah belum dimuktamadkan;
   ii. pengurusan perjanjian peserta tidak teratur;
   iii. pelaksanaan projek pembangunan tidak mengikut perancangan;
   iv. penggunaan kemudahan infrastruktur tidak memuaskan;
   v. sasaran pendapatan peserta tidak dicapai sepenuhnya; dan
   vi. pengurusan rekod tidak teratur.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

   i. Kementerian hendaklah mengkaji pencapaian setiap TKPM dari segi *output* dan *outcome* secara berkala dan berterusan;
   ii. memantau prestasi pengeluaran dengan lebih berkesan;
   iii. Kementerian dan Kerajaan Negeri perlu mengambil tindakan segera untuk memuktamadkan status dan hak milik tanah bagi memastikan peserta dapat menjalankan aktiviti penanaman dengan lancar;
   iv. perjanjian pelaksanaan di antara peserta dan Kerajaan perlu ditandatangani dengan lengkap dan Kementerian hendaklah memantau pematuhan terma dan syarat perjanjian oleh peserta;
   v. Kementerian perlu memastikan syarikat yang dilantik sebagai *anchor company* menandatangani perjanjian dengan Kerajaan dan melaksanakan terma dan syarat yang ditandatangani supaya objektif TKPM dicapai secara berkesan; dan
   vi. Kementerian perlu memastikan projek yang dilaksanakan adalah selaras dengan pelan bisnes serta memantau pelaksanaannya supaya prestasi peserta adalah selaras dengan sasaran dan objektif pelaksanaan TKPM.

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

17. Projek Agropolitan Di Bawah Program Lonjakan Mega Luar Bandar

a. Program Lonjakan Mega Luar Bandar (PLMLB) merupakan program bersepadu dan komprehensif di bawah RMKe-9 dan disambung pelaksanaannya dalam RMKe-10. Program ini mempunyai matlamat serampang 2 mata iaitu bagi menghapuskan kemiskinan tegar di luar

bandar melalui peningkatan pendapatan dan mengeluarkan mereka terus daripada Paras Garis Kemiskinan (PGK) di samping mempercepatkan pembangunan di kawasan mundur, terpencil dan terbiar. Bagi mencapai matlamat PLMLB, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah melaksanakan Projek Agropolitan dengan 3 komponen utama. Sebanyak 11 Projek Agropolitan telah/sedang dilaksanakan dengan sasaran seramai 4,455 orang peserta yang berada di bawah PGK semasa. Sejumlah RM289.35 juta peruntukan PLMLB di bawah RMKe-9 dan RMKe-10 telah disalurkan kepada 3 agensi pelaksana/pembayar yang dilantik oleh KKLW iaitu FELCRA Berhad, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA). Pengauditan yang dijalankan mendapati secara umumnya pengurusan Projek Agropolitan adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang menjejaskan objektif asal projek ini seperti berikut:

i. peruntukan pembangunan disalurkan kepada agensi pelaksana tanpa mengambil kira kemajuan projek;
ii. projek yang dilaksanakan di bawah komponen ekonomi tidak berdaya maju/berdaya tahan;
iii. garis panduan pelaksanaan projek lewat disediakan;
iv. perjanjian yang disediakan antara peserta dan agensi pelaksana masih belum ditandatangani; dan
v. pembangunan komponen fizikal projek yang tidak memuaskan/bermasalah.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya KKLW mempertimbangkan perkara seperti berikut:

i. memastikan penyaluran peruntukan kepada agensi pelaksana bagi semua Projek Agropolitan adalah berdasarkan kemajuan pelaksanaan projek dan memastikan peruntukan yang disalurkan mencapai sasaran asal yang ditetapkan;
ii. menilai semula komponen ekonomi projek yang dilaksanakan khususnya Ladang Sejahtera/Komersial sama ada ia berdaya maju, berdaya tahan serta mampu menjana pendapatan seperti yang dirancang supaya matlamat untuk penghasilan dividen kepada peserta Projek Agropolitan dapat dicapai. Sehubungan itu, setiap peserta hendaklah dikenal pasti dan dipilih sebelum sesuatu komponen ekonomi dilaksanakan;
iii. memastikan perjanjian antara Kerajaan dan peserta Projek Agropolitan dimuktamadkan/ditandatangani bagi menjamin kepentingan setiap pihak yang terlibat dengan pelaksanaan Projek Agropolitan. Tindakan penguatkuasaan terhadap syarat yang ditetapkan di dalam perjanjian juga boleh diambil terhadap peserta yang tidak mematuhi syarat penyertaan;
iv. memastikan prasarana/kemudahan infrastruktur yang disediakan disenggarakan dan digunakan mengikut objektif asal; dan
v. merangka rancangan penyenggaraan kawasan petempatan bagi tempoh jangka masa pendek/panjang dan menyediakan kawasan petempatan yang lengkap dengan kemudahan moden dan berkualiti bagi mencapai matlamat untuk meningkatkan kesejahteraan hidup peserta.

18. Projek Membina Dan Menaik Taraf Jalan Luar Bandar Di Negeri Sarawak

a. Projek membina dan menaik taraf jalan luar bandar di Negeri Sarawak telah diluluskan dalam RMKe-9 dan mulai tahun 2010, projek ini disambung di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bertujuan untuk mempercepat dan memperbanyakkan pembinaan jalan bagi menyediakan sistem pengangkutan yang diperlukan di luar bandar. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2011, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) telah diluluskan peruntukan untuk melaksanakan 175 projek dengan nilai asal kontrak berjumlah

RM1.727 bilion. Daripada 175 projek ini, sebanyak 146 projek bernilai RM1.104 bilion dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKRS) manakala sebanyak 29 projek lagi bernilai RM622.84 juta dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak (JPSS). Perbelanjaan sebenar projek ini setakat 31 Disember 2011 adalah berjumlah RM1.024 bilion. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya projek membina dan menaik taraf jalan luar bandar di Negeri Sarawak adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti berikut:

i. prestasi pelaksanaan projek adalah kurang memuaskan kerana daripada 101 projek bernilai RM437.57 juta yang telah disiapkan, sebanyak 38 projek (37.6%) bernilai RM178.94 juta telah mengalami kelewatan antara 15 hingga 242 hari daripada jadual asal;

ii. sebanyak 13 projek (17.6%) bernilai RM229.27 juta daripada 74 projek yang sedang dilaksanakan merupakan projek sakit kerana lewat jadual melebihi 20%;

iii. pembinaan jalan tidak mengikut spesifikasi kontrak; dan

iv. ketidakpuasan pelanggan daripada maklum balas pelanggan terhadap kualiti pembinaan jalan, keselamatan dan keselesaan jalan.

b. Pihak Audit mengesyorkan pihak yang bertanggungjawab mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

i. KKLW hendaklah memastikan setiap projek pembinaan jalan baru/naik taraf dirancang dengan teliti dan menyeluruh supaya projek dapat dilaksanakan dengan lancar tanpa berlaku sebarang gangguan;

ii. Agensi pelaksana hendaklah merancang secara holistik supaya projek jalan baru/naik taraf jalan mempunyai skop kerja yang menyeluruh supaya objektif projek ini tercapai dan memberi *value for money* serta *outcome* (impak) kepada pengguna;

iii. Agensi pelaksana hendaklah memastikan setiap projek jalan baru/naik taraf yang dilaksanakan menepati spesifikasi, standard dan kualiti yang ditetapkan dan seterusnya boleh memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya serta membaiki semua kerosakan jalan raya akibat daripada kerja-kerja yang tidak berkualiti; dan

iv. Agensi pelaksana dan pihak perunding hendaklah memantau pelaksanaan projek jalan baru/naik taraf dengan memastikan kawalan kualiti dilakukan sepanjang proses pembinaan sehingga *Certificate of Practical Completion* (CPC) dikeluarkan.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

Jabatan Pengairan Dan Saliran

19. Pengurusan Operasi Empangan

a. Empangan dibina mempunyai pelbagai fungsi dan keperluan antaranya tebatan banjir, pengairan ke kawasan pertanian, keperluan bekalan air mentah, penjanaan kuasa dan penahan keladak. Sesebuah struktur empangan yang telah siap dibina memerlukan pengendalian, penyenggaraan dan pemantauan serta pemeriksaan yang teratur mengikut prosedur yang ditetapkan oleh manual empangan. Setakat 31 Disember 2011, terdapat 16 buah empangan yang siap dibina antara tahun 1906 hingga 2004 dan beroperasi di bawah kendalian Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) di Semenanjung Malaysia. Empangan dikategorikan berdasarkan kepada tahap bencana yang akan dihadapi apabila berlakunya kegagalan empangan. Bagi tempoh RMKe-9 sejumlah RM34.41 juta telah dibelanjakan bagi aktiviti pengawasan dan pemulihan empangan. Manakala bagi *Rolling Plan* Pertama, RMKe-10 tiada peruntukan diluluskan. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya, pengurusan operasi empangan berada pada tahap

memuaskan di mana pemantauan dan kerja penyenggaraan kecil telah dilaksanakan; penghantaran data instrumentasi dan Laporan Pemeriksaan Keselamatan Berkala telah dilaksanakan mengikut tempoh. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan dalam pengendalian operasi empangan, pengurusan penyenggaraan dan pemantauan seperti berikut:

i. kelewatan mengambil tindakan pengemaskinian Manual Operasi dan Penyenggaraan;
ii. ketiadaan *Standard Operating Procedure* bagi pengendalian peralatan/komponen hidraulik dan dokumen *Emergency Action Plan* yang disediakan tidak menyeluruh;
iii. latihan kecemasan belum pernah dilaksanakan;
iv. permukaan kolam takungan dan pintu air empangan tidak disenggarakan, penyenggaraan rutin tidak dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan, kawasan kolam dan kawasan takungan telah dicerobohi, kerja pemantauan keladak tidak pernah dilaksanakan sejak tahun 2000;
v. instrumentasi di empangan tidak dapat dikesan, 46.4% instrumentasi di empangan yang dilawati mengalami kerosakan dan tidak dibaiki;
vi. pewartaan dan penukaran hak milik tanah rizab yang diambil alih belum dibuat sepenuhnya; dan
vii. tiada satu badan kawal selia empangan untuk memantau dan mengawal pengurusan operasi semua empangan.

b. Pihak Audit mengesyorkan pihak terlibat mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

i. Kerajaan perlu menyediakan peruntukan kewangan dan sumber manusia yang mencukupi bagi memastikan operasi empangan dapat dilaksanakan dengan teratur;
ii. Kementerian perlu mewujudkan satu dasar/polisi/tatacara berkaitan tanggungjawab dan peranan JPS di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri dalam urusan berkaitan pengendalian, penyenggaraan dan pemantauan operasi empangan;
iii. Kerajaan perlu menyemak semula kriteria kelayakan Pengawal Keselamatan dan pertimbangkan keperluan untuk menempatkan anggota keselamatan bersenjata untuk mengawal kawasan operasi dan kawasan tadahan empangan;
iv. JPS perlu memastikan pemantauan dan penyeliaan dijalankan dengan lebih berkesan untuk mengatasi masalah pencerobohan tanah milik JPS serta memastikan masalah kerosakan instrumentasi diatasi segera;
v. JPS perlu mengadakan program kesedaran kepada orang awam melalui media massa dan elektronik berkaitan implikasi aktiviti pencerobohan terhadap kawasan tadahan dan kolam takungan;
vi. Kementerian perlu mengemas kini maklumat berkaitan pemilikan tanah dan juga perlu menyelaras urusan pemilikan dan pewartaan tanah;
vii. Kerajaan perlu menilai keperluan mewujudkan satu badan kawal selia empangan bagi memastikan semua empangan diuruskan dengan cekap dan berkesan untuk menjamin keutuhan empangan; dan
viii. Kerajaan perlu mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri, JPS Negeri dan syarikat bekalan air, supaya syarikat bekalan air menyediakan peruntukan bagi tujuan penyenggaraan dan pemulihan empangan.

Jabatan Pengairan Dan Saliran

20. Pengurusan Projek Saliran Bandar

a. Sistem saliran bandar dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) melalui 2 kaedah iaitu secara sistem konvensional (rapid disposal*)* dan sistem saliran bandar berkonsepkan mesra alam. Bagi tempoh RMKe-9, sejumlah RM130.79 juta di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan telah dibelanjakan untuk melaksanakan projek saliran bandar di seluruh negara. Pengauditan yang dijalankan mendapati pelaksanaan projek di beberapa lokasi telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan iaitu untuk mengatasi masalah pengurusan air larian hujan seperti mengurangkan kejadian banjir kilat dan mengawal kualiti air daripada tercemar. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa lokasi projek yang mengalami masalah kawalan terhadap kuantiti dan kualiti air. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

   i. beberapa komponen saliran yang dipasang/dibina seperti kolam takungan, saluran serta kawalan sampah dan kelodak tidak dapat berfungsi seperti mana yang dikehendaki kerana banjir masih berlaku di lokasi pembinaan;
   ii. kualiti air tercemar;
   iii. komponen yang dipasang terbiar usang dan tidak digunakan lagi;
   iv. kapasiti takungan air larian hujan berkurangan;
   v. komponen diubah suai/diganti kerana tidak sesuai digunakan;
   vi. parit tidak dapat mengalirkan air dengan sempurna dan komponen yang telah dibayar tidak digunakan; dan
   vii. Kajian Pelan Induk yang telah disediakan tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

b. Pihak Audit mengesyorkan pihak terlibat mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

   i. JPS perlu merancang dan memastikan penyediaan Kajian Pelan Induk dibuat berdasarkan keutamaan lokasi yang mengalami masalah kritikal dan melaksanakan projek berdasarkan Kajian Pelan Induk yang dibuat;
   ii. JPS perlu mengambil langkah segera bagi mengenal pasti keperluan penyenggaraan untuk setiap saliran bandar yang telah dibina. Maklumat seperti jenis penyenggaraan, kekerapan penyenggaraan, kos penyenggaraan, tenaga kerja yang diperlukan serta implikasi sekiranya kerja-kerja penyenggaraan tidak dilaksanakan perlu disediakan untuk dijadikan sebagai panduan kepada JPS/PBT;
   iii. Kementerian Kewangan wajar menyediakan peruntukan penyenggaraan yang mencukupi bagi memastikan projek Kerajaan yang telah dilaksanakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan sasaran untuk satu jangka masa yang panjang;
   iv. Kementerian dan JPS disyorkan untuk membuat satu dasar/polisi yang bersepadu berkaitan pengurusan operasi saliran, antaranya penetapan bidang kuasa serta tanggungjawab pihak yang berkenaan dari segi operasi dan penyenggaraan saliran, jenis kos berkaitan yang perlu ditanggung serta guna tenaga yang diperlukan dalam mengendalikan operasi saliran;
   v. Kementerian dan JPS perlu mengamalkan *Blue Ocean Strategy* dengan mewujudkan satu Jawatankuasa Koordinasi di antara Kerajaan dan agensi lain bagi membincangkan masalah berkaitan pengurusan operasi saliran dan menjalankan penyeliaan dan pemantauan yang berkesan; dan
   vi. JPS perlu merancang dengan teliti penentuan kos projek supaya semua komponen kritikal projek diambil kira.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

21. Program Keusahawanan Siswa

a. Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Program Keusahawanan Siswa (PKS). Program ini bertujuan memberi pendedahan dan menjana minat keusahawanan dikalangan pelajar universiti. Pelajar diberi pendedahan mengenai peluang perniagaan, penyediaan rancangan dan asas perniagaan. Sehingga kini, sebanyak 19 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan sebuah Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) telah terlibat di dalam program ini. Program di bawah PKS terdiri daripada Kursus Asas Keusahawanan Siswa, *Student Mall*, *Student in Free Enterprise* dan Skim Usahawan Siswazah. Pengauditan yang dijalankan mendapati objektif program ini untuk membudayakan keusahawanan di kalangan pelajar universiti telah dapat dicapai. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

   i. sasaran yang ditetapkan dari segi bilangan siri Kursus Asas Keusahawanan Siswa tidak dapat dicapai pada tahun 2009 dan 2010;

   ii. prestasi pembinaan/perolehan *kiosk Student Mall* adalah kurang memuaskan kerana universiti mengambil masa yang lama iaitu antara 1 hingga 4 tahun untuk memulakan pembinaan/perolehannya selepas menerima peruntukan daripada INSKEN;

   iii. bagi Skim Usahawan Siswazah, peratusan peserta yang memohon dan yang diluluskan pembiayaan kewangan daripada Tabung Usahawan Siswa adalah rendah iaitu hanya 26.3%; dan

   iv. terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan program seperti syarat/*Terms of Reference* program tidak dipatuhi sepenuhnya; peruntukan tidak digunakan sepenuhnya serta akaun dan rekod tidak diselenggarakan dengan teratur.

b. Bagi projek lain yang dilaksanakan di masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan supaya MITI dan INSKEN mengambil tindakan berikut:

   i. merancang dengan teliti dan mengenal pasti keperluan sebenar sebelum penyaluran peruntukan dibuat. Peruntukan hendaklah disalurkan secara berperingkat mengikut keperluan/kemajuan program;

   ii. melaksanakan pemantauan secara berterusan bagi memastikan peruntukan yang disalurkan kepada universiti dibelanjakan sepenuhnya untuk mencapai objektif program yang telah ditetapkan; dan

   iii. mewujudkan pangkalan data peserta program yang komprehensif dan dikemas kini secara berkala bagi menilai keberkesanan program dan memudahkan pemantauan dibuat.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

22. Pembinaan Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Kota Bharu, Kelantan

a. Jambatan Sultan Yahya Petra merupakan penghubung utama antara Bandar Kota Bharu dengan Tumpat. Kegiatan ekonomi dan sosial di Tumpat serta sebahagian Bandar Pasir Mas banyak bergantung kepada jambatan ini yang dibina pada tahun 1967 hanya direka bentuk untuk menanggung beban seberat 11 tan sahaja. Satu projek jambatan baru telah diluluskan di bawah RMKe-9 sebagai alternatif bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas dan menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna. Agensi pelaksana bagi projek ini ialah Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR). Konsortium I.S Resourcers Sdn. Bhd. - RIS Capital Sdn. Bhd. telah dilantik secara rundingan terus untuk melaksanakan projek ini dalam tempoh 30 bulan iaitu dari 18 Jun 2007 hingga 17 Disember 2009 dengan kos asal RM143 juta. Bagaimanapun, projek ini telah diserah hak kepada Aneka Prestij Sdn. Bhd.

pada bulan Mac 2010 untuk menyiapkan baki pembinaan yang gagal disiapkan setelah mendapat persetujuan daripada JKR. Sehingga 31 Disember 2011, kemajuan kerja di tapak adalah 76.5%. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya pembinaan projek ini adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan yang boleh menjejaskan objektif pembinaannya. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

i. kegagalan menyiapkan kerja dalam tempoh yang telah ditetapkan di mana 4 Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa selama 891 hari iaitu sehingga 30 Ogos 2012 telah diluluskan;

ii. nilai kontrak semasa dijangka akan meningkat kepada RM177.76 juta iaitu peningkatan sejumlah RM34.76 juta (24.3%) berbanding kontrak asal yang bernilai RM143 juta. Peningkatan nilai kontrak ini juga mengambil kira Arahan Perubahan Kerja berjumlah RM20.61 juta yang masih belum diluluskan;

iii. masalah reka bentuk sistem cerucuk yang mengambil masa sehingga 2 tahun untuk diselesaikan telah menjadi antara punca kelewatan penyiapan projek dan kenaikan kos;

iv. kelewatan membina jambatan sementara menyebabkan kerja-kerja dalam sungai tidak dapat dijalankan mengikut jadual; dan

v. pelantikan kontraktor yang tidak berpengalaman.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian/Jabatan Kerja Raya mengambil tindakan seperti berikut:

i. memastikan masalah di tapak projek diselesaikan terlebih dahulu supaya kerja dapat dilaksanakan mengikut jadual;

ii. mempertingkatkan koordinasi antara Pihak Berkuasa Tempatan, pihak utiliti dan agensi-agensi lain yang terlibat di tapak pembinaan supaya masalah dapat diselesaikan dengan lebih cepat dan berkesan;

iii. memastikan masalah reka bentuk sistem cerucuk diselesaikan terlebih dahulu bagi mengelakkan kelewatan pembinaan;

iv. melantik *lead consultant* bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek; dan

v. JKR perlu memastikan pihak kontraktor membina jambatan sementara mengikut jadual yang telah ditetapkan kerana kerja-kerja dalam sungai adalah bahagian paling kritikal bagi projek ini.

23. Pengurusan Pendaftaran Kontraktor Di Pusat Khidmat Kontraktor

a. Pusat Khidmat Kontraktor ditubuhkan pada 30 Jun 1981 dengan nama Pusat Penyelarasan Khidmat Kontraktor-kontraktor Bumiputera (PUSAKABUMI) dan diletakkan di bawah Unit Penyelarasan Dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Pada 1 Januari 1987, namanya ditukar kepada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) sesuai dengan pertambahan fungsi dan bidang kuasanya. Pada bulan April 2009, PKK diserapkan ke Kementerian Kerja Raya (KKR). Sehingga 30 Jun 2011, jumlah keseluruhan kontraktor yang berdaftar dengan PKK adalah 44,630 iaitu 41,006 kontraktor kerja awam dan 3,624 kontraktor kerja elektrik. Tugas dan tanggungjawab PKK antara lainnya adalah selaku Pusat Pendaftaran bagi semua kontraktor kerja di peringkat Persekutuan dan Negeri; memberi pengiktirafan Bumiputera kepada kontraktor yang berkelayakan dan memberi khidmat nasihat dan bantuan kepada kontraktor Bumiputera yang melaksanakan kontrak tetapi terhad kepada Jabatan/Agensi Kerajaan yang tidak mempunyai unit khasnya sendiri untuk memberi bantuan kepada mereka. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya pengurusan pendaftaran kontraktor adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

i. piagam pelanggan berhubung perkhidmatan yang disediakan tidak dipatuhi;

ii. yuran yang dikenakan dan tempoh sah pendaftaran tidak seperti yang ditetapkan dalam Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984;

iii. kelas kontraktor dalam Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor)1984 tidak selaras dengan kelas kontraktor dalam Arahan Perbendaharaan;

iv. Sistem Info Kontraktor dan Sistem Maklumat Kontraktor tidak tepat; dan

v. modal kontraktor tidak dikemas kini dalam Sistem Maklumat Kontraktor.

b. Pihak Audit mengesyorkan PKK mengambil tindakan seperti berikut:

i. menetapkan piagam pelanggan yang praktikal dan memastikan ia dicapai bagi menjamin kepuasan kontraktor;

ii. merujuk kepada Menteri Kewangan untuk membuat pindaan kepada yuran yang dikenakan kepada kontraktor Kelas F dan pindaan kepada tempoh sah pendaftaran Kelas F;

iii. mengambil kira pandangan Jabatan Peguam Negara mengenai proses perubahan fi dalam Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984 supaya selaras dengan kehendak undang-undang;

iv. mengambil tindakan untuk menyeragamkan ketidakselarasan antara Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984 dengan Arahan Perbendaharaan;

v. bekerjasama dengan Bahagian Pengurusan Maklumat dalam memastikan sistem rekod PKK sentiasa tepat dan kemas kini bagi memastikan maklumat yang dipamerkan adalah benar dan boleh dipercayai; dan

vi. latihan perlu diberikan kepada semua pegawai proses mengenai cara pengiraan modal yang betul untuk memastikan kontraktor yang berdaftar dengan PKK benar-benar berkelayakan dari segi pemilikan modal.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

24. Pentadbiran Kontrak

a. Satu ikatan kontrak wujud antara Kerajaan dengan petender setelah Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani dan dikembalikan oleh petender kepada Kerajaan. Seterusnya, penyediaan dokumen kontrak diuruskan oleh pejabat yang memanggil tender yang menjelaskan secara bertulis hak dan tanggungjawab pihak yang akan menandatangani kontrak. Pentadbiran kontrak mestilah diuruskan dengan teratur dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa bermula daripada SST hinggalah ke penyediaan akaun muktamad. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011, Kementerian telah menguruskan sebanyak 149 kontrak dengan kos bernilai RM3.684 bilion. Pengauditan yang dijalankan mendapati pentadbiran kontrak di Kementerian dan Jabatan/Agensi pada umumnya adalah memuaskan. Kementerian dan Jabatan/Agensi berkaitan telah mematuhi terma kontrak berhubung penyediaan dokumen kontrak; peranan dan tanggungjawab Pegawai Penguasa (PP) dan wakilnya; urusan bayaran pendahuluan; urusan Perakuan Kelewatan dan Lanjutan Masa; urusan pengenaan ganti rugi terhadap kelewatan penyiapan serta urusan pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan dalam pentadbiran kontrak antaranya seperti berikut:

i. urusan mematikan setem tidak diambil tindakan sewajarnya iaitu tidak mendapat pengecualian duti setem ataupun dimatikan setem;

ii. dokumen kontrak lewat ditandatangani; dan

iii. ketidakpatuhan kepada syarat kontrak seperti bon pelaksanaan lewat dikemukakan.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian Pengangkutan melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. memastikan setiap kontrak di Kementerian/Jabatan/Agensinya diambil tindakan untuk disetemkan supaya dokumen kontrak boleh diterima sebagai keterangan di mahkamah jika terdapat sebarang kemungkiran atau pertikaian oleh mana-mana pihak;

   ii. memastikan setiap kontrak di Kementerian/Jabatan/Agensinya ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas SST dikeluarkan serta memastikan ia lengkap ditandatangani sebagaimana ketetapan peraturan yang berkuat kuasa; dan

   iii. memastikan semua terma kontrak seperti penyerahan bon pelaksanaan dipatuhi semasa pelaksanaan kontrak.

25. Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Ipoh Ke Padang Besar

a. Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Ipoh Ke Padang Besar (Projek Ipoh ke Padang Besar) merupakan sambungan kepada Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Rawang Ke Ipoh. Projek Ipoh ke Padang Besar sepanjang 329 km bertujuan meningkatkan keupayaan laluan landasan dan meningkatkan daya saing serta kemajuan perkeretapian di Malaysia. Kontraktor utama bagi Projek Ipoh ke Padang Besar ialah MMC Gamuda Joint Venture Sdn. Bhd. (MGJV) yang dilantik pada 13 Disember 2007 secara rundingan terus dengan pelaksanaan projek secara reka dan bina. Kos projek (meliputi pakej infrastruktur dan pakej sistem) adalah bernilai RM12.485 bilion dan tempoh menyiapkan projek ialah 60 bulan iaitu mulai 8 Januari 2008 hingga 7 Januari 2013. Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dilantik sebagai Wakil Pegawai Penguasa dan Konsortium Kinta Samudra-Emenea-Techart (KSET) telah dilantik pada 24 Februari 2009 sebagai Perunding Pengurusan Projek (Project Management Consultant - PMC) dengan kos siling berjumlah RM256.96 juta. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan projek adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaannya. Antara kelemahan tersebut ialah:

   i. dua lanjutan masa selama 669 hari telah meningkatkan kos keseluruhan projek dengan kenaikan yuran perunding;

   ii. pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada bayaran yuran khidmat nasihat kewangan berjumlah RM1.06 juta kepada CIMB Investment Bank Bhd. dan Maybank Investment Bhd. adalah pada kadar yang kompetitif kerana Kementerian Pengangkutan (Kementerian) tidak mengeluarkan tawaran kepada bank-bank lain;

   iii. kelewatan dalam pengambilan tanah di antara 82 hingga 1,227 hari;

   iv. pelantikan kontraktor tidak secara pembidaan kompetitif;

   v. syarat kontrak yang tidak menjamin kepentingan Kerajaan; dan

   vi. kerja pembinaan yang tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. memuktamadkan kenaikan yuran perunding akibat lanjutan masa dengan kadar segera. Pandangan Penasihat Undang-undang Kementerian perlu diambil kira terhadap kesan menghadkan perkhidmatan KSET semasa *defects liability period*;

   ii. memastikan pelawaan daripada bank-bank lain perlu dibuat supaya caj yang dikenakan (seperti yuran memproses bayaran interim dan bayaran perkhidmatan nasihat kewangan) boleh dibuat perbandingan antara tawaran bank-bank yang mana lebih kompetitif bagi projek akan datang;

   iii. memperuntukkan masa yang lebih panjang sekurang-kurangnya selama setahun untuk urusan pengambilan tanah dalam projek Kementerian akan datang;

iv. melantik kontraktor melalui pembidaan kompetitif bagi projek akan datang supaya Kerajaan mendapat *value for money* serta memastikan klausa kontrak menjamin kepentingan Kerajaan; dan

v. mengarahkan MGJV dan KSET melakukan pemantauan secara berterusan serta memperbaiki setiap kerja yang tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti.

26. Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Seremban Ke Gemas

a. Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Seremban Ke Gemas (Projek Seremban-Gemas) melibatkan peningkatan taraf infrastruktur dan kemudahan perkeretapian di antara Seremban ke Gemas. Projek ini dilaksanakan oleh IRCON International Limited, India (IRCON) yang dilantik melalui kaedah rundingan terus dan dilaksanakan secara reka dan bina dengan kontrak bernilai RM3.450 bilion. Projek ini mempunyai 2 tarikh siap kerja iaitu 17 Julai 2010 bagi Seksyen Seremban-Sg. Gadut dan 17 Januari 2012 bagi Seksyen Sg. Gadut-Gemas. KLIA Consultancy Services Sdn. Bhd. (KLIACS) telah dilantik sebagai Perunding Pengurusan Projek pada 22 Januari 2009 dengan kos RM71.49 juta. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan Projek Seremban-Gemas adalah memuaskan. Prestasi fizikal keseluruhan projek adalah mengikut jadual setelah mengambil kira 3 lanjutan masa yang diluluskan. Di samping itu, Seksyen Seremban-Sg. Gadut telah disiapkan dengan lanjutan masa selama 10 bulan dan mula beroperasi pada 1 Mei 2011. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan projek seperti berikut:

   i. lanjutan masa projek telah mengakibatkan *time overrun* selama 18 bulan;

   ii. berlaku kelewatan dalam proses pengambilan tanah dan pemindahan setinggan;

   iii. klausa kontrak berhubung pengurangan kadar *Liquidated And Ascertained Damages* dan penetapan had maksimum tanggungan liabiliti tidak menjaga kepentingan Kerajaan;

   iv. kelewatan IRCON menyelesaikan *Non-Conformance Reports* (NCR) yang dikeluarkan oleh KLIACS;

   v. ketidakpatuhan kepada syarat kelulusan *Environmental Impact Assessment*; dan

   vi. kerja pembinaan yang tidak mengikut spesifikasi/reka bentuk yang kurang sesuai telah mengakibatkan banjir kilat.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya Kementerian Pengangkutan mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

   i. memastikan proses pengambilan tanah dan pemindahan setinggan diberi penekanan terutama semasa dalam fasa perancangan projek Kementerian akan datang supaya Kerajaan tidak perlu menanggung kos tambahan akibat daripada kelulusan lanjutan masa. Sehubungan itu, norma masa untuk proses penyelesaian pengambilan tanah dan pemindahan setinggan hendaklah ditetapkan dalam tempoh yang munasabah dan praktikal;

   ii. memastikan syarat kontrak pembinaan pada masa depan tidak mempunyai syarat pengurangan *liquidated and ascertained damages* (LAD) kecuali kontrak membenarkan Kerajaan mengambil alih sebahagian daripada projek melalui Sijil Perakuan Pendudukan Separa;

   iii. memantau dan mengambil tindakan tegas terhadap syarikat IRCON supaya melaksanakan tindakan pembaikan terhadap masalah/kecacatan setiap NCR dalam tempoh yang ditetapkan. Ini bagi memastikan kerja pembinaan berkualiti dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan serta memastikan IRCON mematuhi syarat kelulusan EIA; dan

iv. menyediakan pelan kontingensi untuk menghadapi masalah banjir di Stesen Sg. Gadut selaras dengan kehendak JPS sehingga projek Tebatan Banjir Sg. Simin siap sepenuhnya. Khidmat nasihat daripada JPS dan JKR perlu diperolehi terhadap tindakan susulan yang perlu diambil.

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

27. Program Aplikasi Teknologi Kepada Komuniti (TAPMOSTI@COMMUNITY)

a. Program TAPMOSTI@COMMUNITY yang dilaksanakan bermula pada bulan Jun 2009 bertujuan meningkatkan pendapatan, menyediakan peluang pekerjaan, menambah baik mutu kerja serta meningkatkan kualiti hidup masyarakat di samping meningkatkan kesedaran sains dan teknologi di kalangan masyarakat. Kumpulan sasaran bagi projek ini adalah komuniti (entiti) yang terdiri daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan, Persatuan Komuniti, Jawatankuasa Keselamatan Dan Kemajuan Kampung (JKKK), sekolah dan Jawatankuasa Masjid dengan memfokuskan kepada warga kurang upaya, ibu tunggal, warga emas, komuniti orang asli, belia dan pelajar. Program TAPMOSTI@COMMUNITY dibiayai oleh Skim Innofund dengan peruntukan berjumlah RM139.90 juta dan juga peruntukan dari PRE 2 berjumlah RM30 juta. Bagi melaksanakan program ini, sebanyak 7 agensi telah dilantik. Pada keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati perancangan Program TAPMOSTI@COMMUNITY adalah memuaskan. Bagaimanapun, pelaksanaan program tersebut didapati kurang memuaskan kerana perkara seperti berikut:

   i. kelemahan berhubung kelulusan, pembayaran dan pengagihan projek kepada komuniti;
   ii. projek tidak dimanfaatkan/digunakan sepenuhnya oleh komuniti; dan
   iii. pemantauan projek masih perlu dipertingkatkan.

b. Pihak Audit mengesyorkan pihak yang berkaitan melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan agensi yang dilantik memastikan projek disalurkan untuk kegunaan komuniti yang layak dan bukannya diperoleh oleh komuniti/individu tertentu sahaja. MOSTI seharusnya menggunakan maklumat pangkalan data eKasih bagi membantu merancang, melaksana dan memantau program kemiskinan;
   ii. Agensi pelaksana hendaklah memastikan proses pembayaran dibuat selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan;
   iii. Agensi pelaksana hendaklah memastikan pengagihan peralatan kepada komuniti dibuat dalam tempoh masa yang sewajarnya supaya komuniti mendapat manfaat daripada penggunaan teknologi tersebut dan sebarang kerosakan dapat dibaiki dalam tempoh waranti;
   iv. Agensi pelaksana/MOSTI hendaklah membuat kajian awal sebelum melaksanakan sesuatu projek dan kajian semula dilaksanakan bagi memastikan projek yang dijalankan adalah selaras dengan objektif program; dan
   v. Agensi pelaksana/MOSTI juga hendaklah membuat pemantauan berkala ke tapak projek serta memastikan sebarang masalah pelaksanaan projek diambil tindakan segera.

Jabatan Meteorologi Malaysia

28. Pembinaan Kuarters, Stesen Dan Pejabat

a. Di bawah RMKe-9, tujuan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) merancang projek pembinaan kuarters, stesen dan pejabat serta pembelian peralatan adalah untuk meningkatkan serta menambah baik perkhidmatan/kemudahan yang ditawarkan kepada pelanggan dan staf JMM. Siling peruntukan berjumlah RM156 juta bagi 47 projek di mana 30

(63.8%) melibatkan projek fizikal meliputi 12 lokasi di seluruh negara dengan peruntukan RM62.35 juta dan selebihnya bagi pembelian peralatan. MOSTI telah menetapkan agar projek fizikal dilaksanakan secara konvensional dan JKR telah dilantik sebagai agensi pelaksana. Kesemua projek ini telah diserahkan kepada JKR yang mana proses tender telah dibuat di Ibu Pejabat JKR dan JKR Negeri, manakala JKR Negeri/Daerah berperanan sebagai Pegawai Penguasa/Wakil Pegawai Penguasa. Pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan pembinaan kuarters, stesen dan pejabat JMM adalah memuaskan dan objektif yang ditetapkan tercapai. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

i. kelemahan dalam perancangan projek;

ii. Perakuan Siap Kerja dikeluarkan sebelum kerja diselesaikan; dan

iii. kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak sesuai/tidak lengkap/tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti.

b. Pihak Audit mengesyorkan JKR mengambil tindakan seperti berikut:

i. tegas dalam menguatkuasakan kontrak dan mengambil tindakan ke atas kontraktor yang melanggar syarat kontrak;

ii. memastikan kontrak ditandatangani dalam tempoh masa yang telah ditetapkan demi menjaga kepentingan Kerajaan; dan

iii. memantau dan menyelia kemajuan kerja kontraktor dan memastikan kerja yang dilakukan oleh kontraktor sesuai/lengkap, mengikut spesifikasi dan berkualiti. Kerja yang tidak mematuhi spesifikasi, tidak sesuai dan tidak berkualiti perlu diambil tindakan pembaikan.

KEMENTERIAN PELANCONGAN

29. Pengurusan Program Penyediaan/Peningkatan Kemudahan Pelancongan

a. Objektif program penyediaan/peningkatan kemudahan pelancongan adalah untuk menyedia dan menambahkan lagi kemudahan asas/infrastruktur pelancongan serta membaik pulih dan menaik taraf kemudahan pelancongan. Kementerian Pelancongan Malaysia (Kementerian) telah diperuntukkan sejumlah RM795.15 juta dibawah RMKe-9 dan PRE. Jumlah peruntukan ini adalah untuk melaksanakan 846 projek infrastruktur dan penyenggaraan, di mana ia meliputi sejumlah RM548.81 juta untuk 210 projek pembinaan infrastruktur dan sejumlah RM246.33 juta untuk 636 projek penyenggaraan. Setakat bulan Disember 2011 sejumlah RM772.41 juta (97.1%) telah dibelanjakan. Pada keseluruhannya pengauditan yang dijalankan mendapati bilangan projek yang dilaksanakan adalah memuaskan di mana sebanyak 742 (87.7%) daripada 846 projek telah disiapkan. Bagaimanapun, daripada sampel projek yang diaudit terdapat kelemahan seperti berikut:

i. perancangan projek yang tidak teratur;

ii. bayaran telah dibuat untuk kerja pembinaan/bekalan yang tidak dilaksanakan/dibekalkan;

iii. kerja pembinaan dan bekalan tidak mengikut spesifikasi serta tidak berkualiti/tidak memenuhi keperluan pelancongan;

iv. projek tidak digunakan secara optimum/dimanfaatkan; dan

v. penyenggaraan projek tidak memuaskan dan pemantauan projek kurang berkesan.

b. Pihak Audit mengesyorkan pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

   i. Kementerian hendaklah menilai *outcome* dan impak daripada projek dalam program ini supaya Kerajaan memperoleh *value for money* untuk setiap perbelanjaan yang dibuat;

   ii. Kementerian/Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri (PKPN) hendaklah merancang dengan mengambil kira faktor kesesuaian lokasi/tanah/reka bentuk supaya kemudahan pelancongan digunakan/dimanfaatkan dengan selamat, selesa dan mudah bagi memastikan objektif program dicapai dengan berkesan;

   iii. Kementerian/PKPN perlu memantau dengan lebih teliti pelaksanaan keseluruhan projek bagi memastikan ia dapat disiapkan dengan sempurna dan mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang gagal melaksanakan kerja sebagaimana yang ditetapkan;

   iv. Kementerian/PKPN hendaklah memastikan pihak bertanggungjawab mengambil tindakan segera untuk membaiki kerosakan, kecacatan, meningkatkan tahap keselamatan, memantau kes vandalisme/kecurian dan mengambil langkah untuk membuat penyenggaraan secara berkala supaya projek dapat diguna secara optimum dan berterusan; dan

   v. Kementerian/PKPN hendaklah mengkaji keperluan dan beban tugas pegawai pemantau supaya sepadan dengan bilangan projek yang dilaksanakan.

30. Projek Menaik Taraf Kereta Api Bukit Bendera, Pulau Pinang

a. Di bawah RMKe-9, Kementerian Pelancongan Malaysia (Kementerian) telah merancang untuk menaik taraf Kereta Api Bukit Bendera, Pulau Pinang bagi menyediakan perkhidmatan kereta api yang cekap, produktif dan berdaya maju sebagai destinasi pelancongan yang menarik. Alam Langkawi Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai kontraktor untuk projek ini secara tender terbuka dalam tempoh 48 minggu dengan nilai kontrak RM59 juta. Projek menaik taraf telah siap pada 31 Januari 2011 dan Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat pada 31 Januari 2012. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara umumnya pengurusan projek ini adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

   i. kelewatan menyiapkan projek;

   ii. sebahagian kerja naik taraf kurang berkualiti serta terdapat kelemahan operasi perkhidmatan selepas penyerahan kepada Penang Hill Corporation (PHC) khususnya pengurusan sumber manusia;

   iii. kelemahan penyediaan manual operasi yang kurang komprehensif;

   iv. kegagalan menyenggara operasi kereta api sebagaimana yang dijadualkan; dan

   v. pengurusan aset terpakai kereta api oleh JKR dan PHC juga tidak dibuat dengan teratur.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan berikut:

   i. JKR perlu menjalankan pemeriksaan dengan lebih rapi dan memastikan semua kerja pembinaan dan kecacatan diperbaiki dengan sempurna oleh kontraktor;

   ii. kegagalan PHC menyenggara operasi kereta api sebagaimana yang dijadualkan perlu diambil tindakan sewajarnya oleh JKR memandangkan ia boleh menjejaskan keselamatan penumpang yang menggunakan perkhidmatan tersebut;

   iii. PHC perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab terhadap operasi diberi latihan, memberi pendedahan dan pengalaman operasi secara *hands-on* yang mencukupi bagi memastikan kelancaran operasi dan mengelakkan daripada berlakunya kemalangan; dan

iv. kawalan terhadap penyimpanan dan penyelenggaraan daftar aset terpakai yang lengkap dan kemas kini perlu dipertingkatkan oleh JKR dan PHC memandangkan aset tersebut bernilai tinggi.

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

31. Pengurusan Projek Integrated Transport Information System (ITIS)

a. Projek ITIS merupakan satu alternatif untuk membangun dan mengintegrasikan sistem maklumat berkaitan pengangkutan dan trafik bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Lembah Klang. Objektif ITIS adalah untuk mewujudkan sistem pengumpulan maklumat trafik secara sistematik dan terkini agar ia dapat dimanfaatkan untuk perancangan dan pengurusan lalu lintas serta meningkatkan kecekapan pengurusan insiden. Projek ITIS dilaksanakan oleh sebuah syarikat konsortium dengan kos RM365.74 juta meliputi tempoh pelaksanaan selama 32 bulan (1 Ogos 2002 hingga 31 Mac 2005) dan sebuah syarikat lagi dilantik sebagai perunding projek dengan yuran berjumlah RM7.31 juta dan kos imbuhan balik RM0.68 juta. Pengarah projek ini adalah pengarah di Jabatan Pengangkutan Bandar, Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL). Kos keseluruhan pembangunan projek ini ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Tiga komponen utama Projek ITIS adalah peralatan luar; bangunan *Traffic Management Centre* (TMC) dan aplikasi sistem. DBKL turut mewujudkan *Call Centre* ITIS di TMC dan juga menyediakan Perkhidmatan Bantuan Awal. Pengauditan yang dijalankan mendapati pada umumnya pengurusan Projek ITIS adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

   i. peratus tahap kebolehgunaan peralatan luar seperti CCTV, *Automatic Incident Detection* dan *Variable Message Signs* yang bernilai RM136.65 juta kurang daripada 50%;

   ii. sebanyak 1,408 (88%) daripada 1,600 *Automatic Vehicle Location System* yang dibeli pada harga RM11.37 juta telah digunakan dan penggunaannya dihentikan selepas 3 tahun dari tempoh pembekalannya;

   iii. permohonan pajakan tanah bagi pembinaan bangunan TMC telah ditolak oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian kerana telah dipajak kepada Technology Park Malaysia (TPM) yang menyebabkan DBKL terpaksa membayar pajakan kecil berjumlah RM8.49 juta kepada TPM untuk tempoh pajakan selama 30 tahun dan kehilangan hak pemilikan bangunan TMC yang bernilai RM36.87 juta;

   iv. sebanyak 10 daripada 18 perkakasan komputer di *workstation* bagi operasi aplikasi ITIS mengalami kerosakan; dan

   v. pencapaian objektif masih tidak dapat ditentukan memandangkan pihak DBKL belum pernah menjalankan analisis kos faedah sebelum dan selepas pembangunan Projek ITIS.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

   i. DBKL perlu meningkatkan pemantauan terhadap kerja kontraktor dan memastikan kontraktor mematuhi kekerapan penyenggaraan yang ditetapkan;

   ii. bagi projek sistem maklumat pengangkutan lain yang akan dibangunkan kelak, Kerajaan perlu memastikan sistem yang dirancang dan direka bentuk bukan berdasarkan konsep *proprietary* (bersifat tertutup dan terhad kepada perubahan) sebaliknya berdasarkan konsep *open architecture* (bersifat terbuka dan lebih fleksibel kepada perubahan); dan

   iii. Kerajaan perlu menjalankan analisis kos faedah secara menyeluruh terhadap *viability* projek sistem maklumat pengangkutan seperti ITIS sebelum ia dilaksanakan.

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

32. Projek Sistem Solar Hibrid Untuk Sekolah Luar Bandar

a. Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) bertanggungjawab memastikan semua sekolah di luar bandar dan pedalaman mendapat bekalan elektrik 24 jam menjelang penghujung tahun 2007. Bagaimanapun akibat daripada kekangan peruntukan, Kementerian telah mensasarkan untuk mencapai matlamat ini selewat-lewatnya sebelum akhir RMKe-9. Tiga kaedah telah dirancang bagi pembekalan elektrik ke sekolah luar bandar Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak iaitu secara solar hibrid, set jana kuasa atau talian grid. Pada masa kini, Projek Sistem Solar Hibrid (Projek SSH) telah dilaksanakan di Semenanjung Malaysia dan Sabah sahaja. Di Sabah ianya dilaksanakan dalam 2 fasa iaitu fasa 1 melibatkan 78 sekolah dan fasa 2 melibatkan 101 buah sekolah. Di Semenanjung Malaysia pula, Projek SSH dilaksanakan oleh anak syarikat Tenaga Nasional Berhad iaitu TNB Energy Services Sdn. Bhd. (TNB-ES) secara rundingan terus. Pengauditan yang dijalankan mendapati pada umumnya projek ini telah mencapai objektifnya untuk mengadakan bekalan elektrik 24 jam ke sekolah luar bandar. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

   i. kesemua Projek SSH tidak dapat disiapkan mengikut tarikh asal kontrak dan telah diluluskan lanjutan masa antara 232 hingga 272 hari;

   ii. kelemahan perancangan projek di mana terdapat sistem solar hibrid bertindan dengan sistem talian grid dan bangunan yang dibina tidak digunakan;

   iii. kualiti kerja yang kurang memuaskan seperti saluran dan sambungan paip air tidak kemas; rekahan pada dinding bangunan; dan pengagihan bekalan kuasa elektrik tidak menyeluruh;

   iv. penyenggaraan sistem solar hibrid adalah kurang memuaskan di mana kekerapan pemeriksaan berkala seperti mana yang dijadualkan tidak mencukupi; persekitaran kawasan stesen solar hibrid tidak dijaga dengan baik; projek yang tamat tempoh tanggungan kecacatan telah mengalami kerosakan serta tidak berfungsi; Daftar Aduan Kerosakan tidak diselenggarakan; dan peralatan tidak didaftarkan;

   v. aspek keselamatan kurang diberi perhatian sewajarnya di mana sistem solar hibrid di Sabah tidak dilengkapi sistem pengesan dan pemadam kebakaran berbanding dengan Projek SSH di Semenanjung Malaysia; sistem perangkap minyak dan gris tidak termasuk di dalam reka bentuk; dan bahan mudah terbakar tidak disimpan di tempat yang selamat; dan

   vi. pemantauan projek kurang memuaskan kerana semua projek telah gagal disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan diberi tambahan masa; beberapa kerja pemasangan, pembinaan dan penyenggaraan adalah kurang berkualiti.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya Kementerian mempertimbangkan perkara seperti berikut:

   i. merancang Projek SSH secara komprehensif dengan mengambil kira koordinasi antara kementerian/agensi, faktor cuaca dan kesukaran perhubungan supaya tempoh penyiapan projek mengikut jadual yang ditetapkan dan mengelakkan pertindihan projek;

   ii. mengkaji semula Projek SSH yang tidak digunakan lagi kerana telah mendapat bekalan elektrik atau bertindan dengan sistem talian grid supaya memindahkan peralatan ke sekolah lain yang memerlukan, diguna sebagai alat gantian ataupun dilupuskan;

   iii. mengadakan perbincangan dengan pihak terlibat bagi menentukan keperluan sebenar komponen bangunan sebelum sesuatu projek dimulakan;

   iv. memastikan semua kerja pembinaan dan kecacatan yang berlaku diperbaiki dengan sempurna oleh kontraktor dalam tempoh tanggungan kecacatan bagi mengelakkan

Kerajaan terus mengalami kerugian kerana perlu menanggung kos pembaikan berkaitan;

v. mengkaji untuk meningkatkan kekerapan penyenggaraan berkala sebagai langkah pencegahan bagi memastikan komponen-komponen sistem solar hibrid berada dalam keadaan baik, kawasan persekitaran juga dalam keadaan bersih dan peralatan yang rosak diperbaiki dengan segera untuk digunakan oleh pelajar dan sekolah;

vi. menyediakan satu daftar aduan kerosakan dan penyenggaraan yang seragam untuk kegunaan sekolah bagi menilai prestasi kontraktor terhadap respons aduan kerosakan dan kerja penyenggaraan; dan

vii. meningkatkan aspek keselamatan di kawasan stesen sistem solar hibrid khususnya sistem pengesan dan pemadam kebakaran, sistem perangkap minyak dan gris serta penyimpanan stok minyak bagi mengelakkan berlakunya kebakaran, pencemaran, kecurian dan vandalisme.

33. Pengurusan Kuarters

a. Kuarters Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) merangkumi kompleks kuarters dan kuarters bersama kompleks bangunan institusi/sekolah. Antara jenis kuarters Kementerian ialah rumah banglo, rumah berkembar, rumah teres, apartmen dan rumah gotong-royong. Sehingga Disember 2011, Kementerian memiliki 31,759 unit kuarters yang dibina secara kompleks kuarters, kuarters Sekolah Harian, Sekolah Agama, Sekolah Menengah Teknik/ Vokasional dan Institut Aminuddin Baki. Penyenggaraan kuarters diurus dan diselia di peringkat Kementerian/Pusat Tanggungjawab dengan menggunakan peruntukan perbelanjaan mengurus. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, perbelanjaan penyenggaraan adalah berjumlah RM3.138 bilion. Pengauditan yang dijalankan mendapati pada umumnya Kementerian telah berjaya menyediakan kemudahan kuarters di luar bandar dan kawasan pedalaman serta di bandar. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan kuarters seperti berikut:

   i. peruntukan khusus tidak disediakan bagi penyenggaraan kuarters;

   ii. Kementerian tidak mempunyai data tepat berkenaan jumlah keseluruhan kuarters yang dimiliki dan penyelenggaraan rekod aset tidak memuaskan;

   iii. tiada garis panduan yang standard diwujudkan menyebabkan pelaksanaan pengurusan kuarters di peringkat Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)/sekolah tidak seragam;

   iv. pemotongan dan bayaran elaun serta bil utiliti tidak teratur;

   v. kuarters tidak dijaga dengan baik dan disalahgunakan; dan

   vi. kawalan dan pemantauan terhadap pengurusan kuarters tidak selaras di peringkat Kementerian/Jabatan Pelajaran Negeri/Institut Pendidikan Guru/PPD/sekolah.

b. Pihak Audit mengesyorkan pihak yang terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

   i. memohon peruntukan penyenggaraan pencegahan dan menyediakan peruntukan khusus untuk kerja pembaikan dan penyenggaraan kuarters termasuk kemudahan awam serta mengadakan pangkalan data kuarters;

   ii. garis panduan yang komprehensif perlu disediakan supaya pengurusan kuarters lebih cekap, cepat dan berkesan;

   iii. borang permohonan dan perjanjian/aku janji menduduki kuarters perlu disediakan dengan lengkap sebelum pegawai dibenarkan menduduki kuarters. Jawatankuasa memproses permohonan dan pengagihan kuarters perlu diwujudkan bagi menilai urusan permohonan serta kelulusan menduduki kuarters;

   iv. memastikan aspek keselamatan kuarters perlu diberi perhatian khususnya terhadap kuarters yang kosong. Surat Akuan Keluar dikeluarkan setelah penghuni membayar

ganti rugi di atas kerosakan (jika berkaitan) dan mengosongkan serta membersihkan kuarters sepenuhnya;

v. menyeragamkan potongan elaun penghuni dan menetapkan dasar bagi pemotongan elaun rumah gotong-royong serta mengambil tindakan bagi memastikan semua penghuni kuarters dikenakan bayaran air mengikut kadar yang sepatutnya dan memasang meter bekalan air secara individu serta didaftarkan atas nama penghuni;

vi. memastikan penghuni kuarters menjaga kebersihan kediaman dan sekitarnya serta mengaktifkan jawatankuasa penghuni bagi membantu Kerajaan mengurus kemudahan awam di kawasan kuarters; dan

vii. memperkemas dan mempertingkatkan aspek pemantauan di semua peringkat supaya pengurusan dan penyenggaraan kuarters Kementerian dapat diuruskan dengan lebih cekap dan teratur serta memberi kepuasan kepada penghuni.

34. Perolehan Peralatan Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV) Di Sekolah Menengah Teknik/Vokasional

a. Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM76.83 juta di bawah RMKe-9 bagi tujuan perolehan peralatan Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV). Perolehan 1,293 item peralatan berjumlah RM63.02 juta telah diuruskan secara tender terbuka yang melibatkan 14 syarikat. Baki peruntukan berjumlah RM13.81 juta pula disalurkan kepada 85 Sekolah Menengah Teknik (SMT)/Sekolah Menengah Vokasional (SMV) untuk tujuan perolehan secara sebut harga atau/dan pembelian terus. Pengauditan yang dijalankan mendapati pada umumnya perolehan peralatan MPAV adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

i. satu syarikat masih gagal membekalkan 2 jenis peralatan bernilai RM1.50 juta;
ii. sebanyak 139 unit peralatan bernilai RM2.21 juta tidak mengikut spesifikasi;
iii. sebanyak 30 unit peralatan bernilai RM337,077 telah dibayar sebelum diuji lari;
iv. tuntutan yang meragukan untuk bekalan peralatan MPAV bernilai RM1 juta;
v. sebanyak 2,447 unit peralatan bernilai RM7.39 juta masih belum/tidak digunakan sehingga tarikh lawatan Audit; dan
vi. pemantauan secara fizikal yang dilaksanakan sama ada di peringkat Kementerian atau negeri tidak disokong dengan laporan mengenainya.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian melaksanakan perkara seperti berikut:

i. menguatkuasakan undang-undang dan mengambil tindakan ke atas kontraktor yang melanggar syarat perjanjian kontrak;

ii. memaklumkan dan membekalkan pihak sekolah dengan salinan spesifikasi kontrak bagi tujuan rujukan semasa penerimaan peralatan MPAV;

iii. menyiasat kes tuntutan bayaran oleh pembekal tanpa melaksanakan uji lari ke atas peralatan;

iv. membuat pemeriksaan susulan terhadap tahap penggunaan peralatan MPAV di SMT/SMV dan tindakan penyelesaian terhadap masalah berkaitan;

v. mempertingkatkan dan memperkemaskan penerimaan, penggunaan dan penyimpanan peralatan MPAV; dan

vi. pemantauan secara berjadual perlu dilakukan di peringkat Bahagian Pendidikan Teknik Dan Vokasional/Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset/Pejabat Pengurusan Aset dan hasil pemantauan hendaklah dilaporkan kepada pihak pengurusan Kementerian supaya kelemahan berbangkit dapat diambil tindakan segera.

35. Pengurusan Bekalan Makanan Bermasak Di Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Teknik/Vokasional Dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan

a. Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) menyediakan kemudahan makanan kepada murid yang tinggal di asrama sekolah. Sehingga Jun 2011, Kementerian menguruskan perolehan bekalan bermasak untuk 1,010 sekolah di seluruh negara. Perkhidmatan Bekalan Makanan Bermasak (BMB) disediakan berdasarkan menu yang ditetapkan oleh Kementerian. Makanan dihidangkan sebanyak 5 kali sehari dan bayaran kepada kontraktor berdasarkan kepada bilangan murid, hari dan kadar harga seorang sehari seperti mana yang ditetapkan dalam kontrak. Peruntukan berjumlah RM271.23 juta telah diluluskan pada tahun 2011 dan sejumlah RM270.78 juta (99.8%) telah diagihkan. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya pengurusan BMB di 30 sekolah yang dilawati adalah kurang memuaskan di mana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

   i. kontrak tidak/lewat ditandatangani, Bon Pelaksanaan tidak/lewat dikemukakan dan penyimpanan dokumen tender dan kontrak yang tidak teratur;
   ii. terdapat syarat kontrak yang tidak dipatuhi, antaranya syarat berkaitan spesifikasi bahan makanan, perubahan dan modifikasi pesanan perkhidmatan, pekerja kontraktor, kebersihan dan keselamatan dewan makan; dan
   iii. laporan Bulanan Prestasi Kontraktor tidak disediakan oleh pihak sekolah dan pemantauan terhadap aktiviti bekalan makanan bermasak di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan tidak dijalankan.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. memastikan semua perolehan Kerajaan diikat dengan perjanjian secara teratur dan sah serta dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi menjamin kepentingan kedua-dua pihak;
   ii. bertegas terhadap kontraktor yang gagal menyerahkan Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan dengan membatalkan tawaran tersebut;
   iii. meningkatkan penyeliaan dan penguatkuasaan bagi memastikan syarat kontrak dipatuhi sepenuhnya oleh kontraktor dan tidak bertolak ansur dengan isu kebersihan dan keselamatan dapur, dewan makan dan persekitarannya;
   iv. memastikan Pengetua dan Penyelia Asrama mengawal setiap perubahan dan pertukaran spesifikasi bahan dan menu makanan oleh kontraktor; dan
   v. menggunakan borang yang telah ditetapkan supaya laporan berkenaan aktiviti bekalan makanan bermasak dan prestasi kontraktor dapat dinilai dan dipantau dengan berkesan.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

36. Pengurusan Bekalan Ubat Dan Bukan Ubat

a. Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) berperanan memastikan perkhidmatan bekalan ubat dan bukan ubat atau bahan guna habis seperti topeng oksigen, jarum suntikan serta reagen dapat disediakan mencukupi bagi memenuhi keperluan hospital dan klinik. Di peringkat hospital, Jabatan Farmasi bertanggungjawab terhadap perolehan bekalan ubat dan bukan ubat. Selain perolehan melalui perjanjian konsesi *Approved Price Product List*, perolehan secara tender, sebut harga serta pembelian terus juga dilakukan. Manakala urusan penerimaan, penyimpanan, pengeluaran, pengagihan dan pelupusan bekalan ubat dan bukan ubat adalah di bawah tanggungjawab Stor Utama, Jabatan Farmasi. Pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan bekalan ubat dan bukan ubat adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

   i. asas pengiraan Bon Pelaksanaan berjumlah RM45 juta tidak tepat;
   ii. terma perjanjian mengenai pembangunan *Pharmaniaga Information System* (PhIS)/ *Clinic Information System* (CPS) lewat dipatuhi antara 30 hingga 240 hari;

iii. bekalan bernilai RM0.41 juta diterima antara 8 hingga 161 hari lebih awal daripada pesanan;

iv. bekalan bernilai RM0.27 juta diterima antara 3 hingga 589 hari selepas bayaran dibuat; dan

v. ruang penyimpanan stok tidak mencukupi dan susun atur stok yang tidak teratur.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian mempertimbangkan langkah seperti berikut:

i. memastikan kadar bon pelaksanaan yang dikenakan adalah tepat;

ii. memastikan pembangunan PhIS dan CPS disiapkan mengikut jadual dan denda dikuatkuasakan bagi sebarang kelewatan;

iii. menjalankan siasatan yang mendalam bagi kes bayaran sebelum bekalan diterima dan Pesanan Tempatan dikeluarkan selepas bekalan diterima atau *improper payment* yang berlaku dengan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang terlibat; dan

iv. memberi latihan yang berkesan di kalangan pegawai berhubung tatacara pengurusan stor.

37. Pengurusan Aktiviti Pendaftaran, Pelesenan Dan Penguatkuasaan Farmasi

a. Bahagian Perkhidmatan Farmasi (BPF), Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) bertanggungjawab untuk menguatkuasakan undang-undang dalam bidang farmaseutikal yang berkaitan dengan ubat termasuk ubat tradisional, suplemen kesihatan dan kosmetik. Objektif aktiviti penguatkuasaan ialah untuk memastikan semua produk farmaseutikal dan kesihatan di pasaran adalah berkualiti, selamat dan berkesan, dikawal selia mengikut perundangan yang relevan dan digunakan secara rasional. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, sejumlah RM285.38 juta (100.7%) telah dibelanjakan berbanding peruntukan berjumlah RM283.29 juta yang diluluskan bagi bidang farmaseutikal. Dalam tempoh tersebut, kutipan hasil berjumlah RM34.95 juta diperolehi daripada aktiviti pendaftaran dan pelesenan. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya prestasi aktiviti pendaftaran, pelesenan dan penguatkuasaan adalah memuaskan kerana kebanyakan isu yang ditemui pada tahun 2009 dan 2010 tidak lagi berlaku pada tahun 2011 kerana telah diambil tindakan penambahbaikan oleh Kementerian. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

i. cawangan Pelesenan dan Penguatkuasaan Farmasi (CPPF) lebih memberi tumpuan pemeriksaan terhadap Premis Berlesen dan Berdaftar (47.4% hingga 89.9%) berbanding Premis Tidak Berlesen (10.1% hingga 52.6%), sedangkan kes pelanggaran akta yang didakwa di mahkamah banyak berlaku di kalangan Premis Tidak Berlesen (70.4% hingga 89.2%);

ii. laporan aduan, risikan dan penyiasatan bagi 93 kes lewat disediakan antara 7 hingga 420 hari;

iii. pelupusan produk yang dirampas belum dibuat;

iv. pembangunan Sistem Pengurusan Penguatkuasaan Farmasi (SPPF) dan Sistem Pengurusan Farmasi (SPF) yang bernilai RM4.36 juta gagal disempurnakan; dan

v. wujud perbezaan prosedur kerja antara negeri bagi aktiviti yang sama.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

i. CPPF memberi tumpuan penguatkuasaan kepada Premis Tidak Berlesen dan pemeriksaan bersepadu bersama KPDNKK dilaksanakan secara lebih kerap. Daftar Induk Premis Tidak Berlesen hendaklah diwujudkan;

ii. Kementerian perlu segera memuktamadkan draf Garis Panduan Saringan Pengimportan Pintu Masuk Kastam supaya tindakan pelupusan dapat dilaksanakan dengan cepat;

iii. BPF bersama Bahagian Pengurusan Maklumat dan Penasihat Undang-undang Kementerian hendaklah merancang dengan teliti, rapi dan menyeluruh terhadap kesinambungan pembangunan sistem komputer serta mengambil tindakan sewajarnya terhadap kontraktor yang terlibat; dan

iv. Kementerian perlu memastikan prosedur dan arahan kerja berhubung aktiviti penguatkuasaan yang diedarkan kepada semua Cawangan CPPF dipatuhi sepenuhnya melalui pemantauan berterusan oleh Pasukan Audit Dalam.

38. Pengurusan Peralatan Hospital

a. Perolehan peralatan (peralatan perubatan dan bukan perubatan) hospital merangkumi tiga peringkat perolehan iaitu peringkat hospital, Jabatan Kesihatan Negeri dan Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian). Bagi memastikan peralatan yang dibeli berada dalam keadaan baik, Kementerian telah melantik tiga syarikat konsesi bagi tujuan menyenggara peralatan iaitu Faber Medi-Serve Sdn. Bhd. (Faber); Pantai Medivest Sdn. Bhd. (Pantai) dan Radicare (M) Sdn. Bhd. (Radicare). Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM1.328 bilion bagi perolehan peralatan hospital manakala RM2.876 bilion bagi penyenggaraan peralatan. Pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan peralatan hospital adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

i. perolehan 41 unit peralatan import bernilai RM2.10 juta tidak mendapat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri sungguhpun nilai perolehan setiap unit melebihi RM50,000;

ii. lima kontrak bernilai RM27.25 juta lewat ditandatangani antara 9 hingga 74 hari;

iii. peralatan bernilai RM1.03 juta lewat dibekalkan antara 34 hingga 92 hari dan denda tidak dikenakan kepada kontraktor kerana klausa pengenaan denda tidak dinyatakan dalam dokumen sebut harga/pesanan kerajaan;

iv. pusat tanggungjawab tidak menggunakan ePerolehan menyebabkan berlaku lebihan bayaran RM1.01 juta kepada kontraktor;

v. sebanyak 119 unit peralatan bernilai RM4.04 juta yang telah diterima sejak bulan Julai 2010 masih belum digunakan di Hospital Kuantan;

vi. tempoh pembaikan peralatan mengambil masa yang lama iaitu antara 16 hingga 229 hari;

vii. kos pembaikan bagi 57 aset melebihi nilai perolehan antara 1.0 hingga 14.5 kali; dan

viii. aset yang tiada di lokasi, tidak lagi digunakan dan rosak tidak dikeluarkan daripada senarai kerja penyenggaraan.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian melaksanakan perkara berikut:

i. meningkatkan pemantauan bagi memastikan pembekal membekalkan peralatan mengikut tempoh dan spesifikasi yang ditetapkan serta memasukkan syarat pengenaan denda terhadap pembekal yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya di dalam dokumen sebut harga;

ii. mengambil tindakan terhadap pegawai yang membuat bayaran sebelum bekalan diterima, bekalan tidak lengkap atau sebelum pengujian dan pentauliahan dijalankan;

iii. menuntut kembali lebihan bayaran daripada syarikat dan menyemak semula prosedur kontrak. Pegawai yang menguruskan kontrak dan bayaran juga perlu memahami kandungan kontrak sebelum bayaran dibuat;

iv. merancang dengan teliti keperluan perolehan sesuatu peralatan boleh mengurangkan risiko berlakunya pembaziran akibat peralatan tidak digunakan;

v. rekod peralatan perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memastikan setiap peralatan diguna dan disenggarakan dengan sewajarnya serta memudahkan kawalan dan rujukan;

vi. menyemak kembali perjanjian dengan syarikat konsesi bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money*;

vii. memastikan peralatan yang telah usang, rosak dan tidak digunakan segera dikeluarkan dalam senarai penyenggaraan oleh syarikat konsesi untuk mengelakkan bayaran terus dibuat terhadap peralatan yang tidak digunakan; dan

viii. melaksanakan latihan dalam bidang pengurusan perolehan semua hospital Kerajaan secara berterusan.

39. Projek Pembinaan Hospital Kluang, Johor

a. Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) telah menandatangani perjanjian projek pembinaan Hospital Kluang, Johor berkapasiti 256 unit katil dengan Kluang Health Care Sdn. Bhd. (Kluang HC) bagi menggantikan hospital sedia ada. Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina. Ketua Setiausaha Kementerian telah bertindak sebagai Pengarah Projek manakala Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan dilantik sebagai Wakil Pengarah Projek. Projek ini telah siap dibina pada 12 Oktober 2011 dan mula beroperasi pada 30 Disember 2011. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan projek pembinaan Hospital Kluang adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti berikut:

i. pelantikan perunding yang tidak teratur sehingga mengambil masa 66 bulan;

ii. yuran profesional perunding terlebih dinyatakan sejumlah RM0.74 juta dan RM0.62 juta telah dibayar;

iii. bayaran perunding sejumlah RM0.75 juta dibayar sebelum kontrak ditandatangani;

iv. asas kelulusan bagi Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa (EOT) 2 dan EOT 3 adalah diragui;

v. kerja pembinaan yang berkualiti rendah;

vi. perolehan 385 peralatan import bernilai RM11.64 juta telah dibuat tanpa kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri walaupun nilai perolehan yang diimport melebihi RM50,000; dan

vii. sebanyak 158 unit kuarters yang siap dibina masih belum diduduki oleh kakitangan hospital.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

i. mempertimbangkan tindakan terhadap pegawai yang memperakukan dan meluluskan bayaran kepada perunding sebelum perjanjian ditandatangani;

ii. memantau kerja kontraktor dan memastikan kerja yang tidak mengikut spesifikasi, tidak sesuai dan belum dilaksanakan dapat dibuat dengan segera agar hospital baru dapat beroperasi secara maksimum. Tindakan juga perlu diambil terhadap kontraktor sekiranya gagal melaksanakan kerja tersebut; dan

iii. tawaran perlu dibuka kepada agensi Kerajaan yang lain sekiranya pegawai di hospital tidak berminat mendiami kuarters tersebut bagi mengelakkan pembaziran.

40. Pengurusan Perkhidmatan Linen Dan Dobi

a. Perkhidmatan linen dan dobi telah diswastakan melalui perjanjian dengan 3 syarikat konsesi pada 28 Oktober 1996. Perjanjian ini berkuat kuasa bagi tempoh 15 tahun iaitu sehingga 27 Oktober 2011. Syarikat Sistem Awasan Hospital Taraf Sdn. Bhd. (SIHAT) telah dilantik untuk memantau prestasi perkhidmatan syarikat konsesi bagi tempoh 27 Oktober 1997 hingga 1 Oktober 2011. Selepas tamat kontrak ini, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) telah mengambil alih peranan SIHAT manakala Bahagian Perolehan dan Penswastaan, Kementerian bertanggungjawab dalam urusan perolehan terutamanya dalam urusan tender dan pengurusan kontrak. Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM513.50 juta bagi perolehan perkhidmatan linen dan dobi untuk tempoh tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya pengurusan perkhidmatan linen dan dobi adalah memuaskan. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan perkhidmatan ini seperti berikut:

   i. sebanyak 25% hingga 81.8% bekalan linen yang diterima koyak, lusuh dan reput;
   ii. pusat dobi beroperasi tanpa kelulusan Kementerian dan melanggar peraturan alam sekitar;
   iii. sebanyak 36 bil bagi perkhidmatan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi berjumlah RM7.06 juta telah lewat dibayar antara 18 hingga 270 hari;
   iv. bil tidak direkodkan dalam Daftar Bil menyebabkan Laporan Bil Lewat Dibayar kepada Kementerian Kewangan tidak menggambarkan kedudukan sebenar; dan
   v. perjanjian tambahan lewat ditandatangani antara 8 hingga 66 bulan.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya Kementerian mengambil langkah seperti berikut:

   i. memastikan kualiti linen yang dihantar adalah mengikut standard yang telah ditetapkan dan memastikan kebersihan stor linen di tahap yang maksimum selaras dengan SOP yang telah ditetapkan;
   ii. memantau perjalanan pusat dobi dan memastikan pelaksanaan kerja oleh pihak ketiga mendapat kelulusan Kementerian;
   iii. memastikan peraturan kewangan sentiasa dipatuhi. Siasatan lanjut dan tindakan tatatertib perlu diambil terhadap pegawai yang melanggar peraturan kewangan; dan
   iv. mempercepatkan proses menandatangani perjanjian iaitu sebelum sesuatu perkhidmatan diterima untuk tujuan penguatkuasaan syarat dan spesifikasi kontrak demi menjaga kepentingan Kerajaan.

41. Perkhidmatan Penyenggaraan Hospital Information System (HIS)

a. *Hospital Information System* (HIS) telah dibangunkan pada bulan Mac 2002 (Fasa 1) secara reka dan bina (turnkey) meliputi 13 hospital dengan kos berjumlah RM588.11 juta. Pelaksanaan Fasa 2 pula hanya melibatkan penyenggaraan sistem bagi 12 hospital dengan kontrak bernilai RM334.02 juta. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya perkhidmatan penyenggaraan HIS adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan perkhidmatan penyenggaraan seperti berikut:

   i. perbezaan nilai kontrak antara kontrak yang dibuat secara rundingan terus dengan tender terbuka berjumlah RM15 juta;
   ii. lebihan bayaran berjumlah RM0.54 juta kepada kontraktor bagi pekerja/ahli pasukan projek penyenggaraan HIS yang tidak diisi/tidak hadir;
   iii. perbezaan bayaran yang dituntut kepada Kementerian dengan bayaran sebenar yang dilakukan oleh kontraktor adalah dianggarkan sehingga RM23.95 juta;

iv. perkakasan yang tidak perlu disenggarakan tetapi dimasukkan dalam senarai penyenggaraan menyebabkan kos penyenggaraan bertambah sebanyak RM1 juta; dan

v. kos penyenggaraan melebihi harga perolehan perkakasan sehingga 72.5 kali.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya Kementerian mengambil tindakan seperti berikut:

i. mendapatkan penjelasan lanjut daripada kontraktor berhubung perbezaan bayaran dituntut dengan bayaran sebenar. Tuntutan bayaran balik juga perlu dibuat terhadap lebihan bayaran yang berlaku;

ii. bagi mengelakkan perkara yang sama berulang di hospital lain, Kementerian perlu mengkaji semula kandungan kontrak khususnya berhubung terma yang jelas berkaitan cuti kakitangan serta tindakan/penalti dikenakan kepada kontraktor terhadap sebarang kemungkiran/ketidakpatuhan kontrak;

iii. menguatkuasakan undang-undang dan mengambil tindakan ke atas kontraktor yang melanggar syarat perjanjian kontrak; dan

iv. menetapkan anggaran harga asas terhadap penyenggaraan perkakasan HIS dan memastikan elemen harga penyenggaraan disemak dengan teliti sebelum memeterai kontrak penyenggaraan HIS pada masa hadapan. Pelaksanaan penyenggaraan oleh kontraktor juga perlu dipantau dari semasa ke semasa.

42. Pengurusan Program Perkhidmatan Doktor Udara Di Negeri Sarawak

a. Program Perkhidmatan Doktor Udara (PDU) di negeri Sarawak bertujuan untuk menyalurkan perkhidmatan asas kesihatan kepada penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman yang tidak dapat dihubungi dengan kemudahan pengangkutan darat ataupun sungai. Setakat 31 Disember 2011, terdapat 10 pasukan PDU yang berpangkalan di semua Pejabat Kesihatan Bahagian (PKB) kecuali di PKB Betong. Pengauditan yang dijalankan mendapati prestasi pencapaian program PDU secara keseluruhannya adalah memuaskan memandangkan objektifnya untuk memberi perkhidmatan kesihatan asas kepada penduduk pedalaman telah dapat dicapai. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki seperti berikut:

i. pasukan PDU hanya melakukan 3,279 (69.93%) lawatan berbanding 4,689 lawatan yang dirancang bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011;

ii. promosi kesihatan kurang diberi perhatian di mana tiada jadual disediakan untuk aktiviti berkenaan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011;

iii. tiada pegawai perubatan yang dikhususkan untuk pasukan PDU, sebaliknya pegawai perubatan yang dipilih mempunyai tugas hakiki di hospital atau klinik kesihatan. Ini menyebabkan pegawai perubatan hanya dapat menyertai 262 (14.6%) berbanding 1,794 hari lawatan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011;

iv. pengurusan keselamatan program PDU kurang memuaskan di mana perkara ini tidak dinyatakan langsung dalam kontrak dan latihan keselamatan dari aspek pendaratan kecemasan tidak pernah dijalankan;

v. keadaan *landing pad* yang kurang selamat untuk pendaratan dan pelepasan helikopter; dan

vi. kemudahan tempat pemeriksaan dan rawatan pesakit yang kurang sesuai/kurang selesa.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) dan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKNS) mengambil tindakan seperti berikut:

   i. memastikan jadual lawatan PDU yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya oleh pihak kontraktor terutama sekali jadual lawatan yang dibatalkan disebabkan masalah mekanikal supaya pesakit/penduduk pedalaman negeri Sarawak dapat menikmati perkhidmatan kesihatan asas yang telah dirancang;

   ii. memberi perhatian kepada aspek promosi kesihatan kerana ianya merupakan asas yang penting dan perlu diketahui dan difahami oleh penduduk pedalaman untuk menjaga kesihatan mereka dan menghindar daripada penyakit berjangkit;

   iii. memastikan setiap pasukan PDU dianggotai oleh seorang pegawai perubatan supaya pesakit/penduduk pedalaman dapat menikmati standard rawatan dan kepakaran yang setaraf dengan pesakit/penduduk di bandar. Semakan perjawatan mengenai keperluan untuk menempatkan jawatan pegawai perubatan secara tetap dalam program PDU perlu dilakukan;

   iv. memastikan aspek keselamatan dimasukkan dalam kontrak pelaksanaan program PDU yang baru sebaik sahaja kontrak sedia ada tamat pada tahun 2013. Latihan keselamatan, termasuk penggunaan peralatan komunikasi yang dibekalkan dalam helikopter juga perlu diberi kepada pasukan PDU;

   v. *Landing pad* yang selamat dan sesuai hendaklah disediakan bagi memastikan helikopter program PDU dapat mendarat dan berlepas dengan selamat; dan

   vi. menyediakan kemudahan tempat merawat pesakit yang sesuai dan selesa agar pasukan PDU dapat menjalankan pemeriksaan dan memberi rawatan yang sempurna. Pesakit juga dapat menerima rawatan dalam keadaan yang selesa.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

43. Pengurusan Pembinaan Dan Perolehan Peralatan Pembelajaran Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC)

a. Setakat tahun 2011, Kementerian Sumber Manusia (Kementerian) telah membina 8 Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) di seluruh Malaysia termasuk 4 yang baru siap dibina pada tahun 2009 hingga 2011. Skop kerja di bawah kontrak pembinaan ADTEC hanya meliputi pembinaan bangunan serta pembekalan peralatan pejabat dan kuarters. Manakala perolehan peralatan bagi tujuan pembelajaran tidak termasuk dalam skop kerja pembinaan ADTEC. Bagi perolehan peralatan pembelajaran, sejumlah RM228 juta telah diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan dan perolehan dibuat secara rundingan terus. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara amnya prestasi pembinaan 4 ADTEC iaitu Taiping, Kemaman, Bintulu dan Jerantut adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang boleh menjejaskan objektif pembinaannya seperti berikut:

   i. empat ADTEC tidak dapat disiapkan dalam tempoh kontrak asal dan telah diluluskan antara satu hingga 6 lanjutan masa melibatkan tempoh antara 90 hingga 706 hari. ADTEC Jerantut mengalami kelewatan yang paling lama iaitu sehingga 706 hari (23 bulan);

   ii. prestasi perolehan peralatan pembelajaran adalah kurang memuaskan kerana kelewatan melaksanakan proses rundingan harga mengakibatkan peralatan pembelajaran tidak dapat dibekalkan sebaik sahaja bangunan disiapkan; dan

   iii. terdapat kerja yang tidak mematuhi spesifikasi/tidak berkualiti/tidak sesuai. Namun begitu, Kementerian telah memberikan komitmen untuk memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan di mana tindakan segera telah diambil terhadap beberapa kelemahan/ kecacatan kerja yang dilaporkan.

b. Pihak Audit mengesyorkan pihak terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

   i. Jabatan Tenaga Manusia (JTM) perlu mempercepatkan proses perolehan peralatan pembelajaran bagi memastikan kemasukan pelajar dapat dibuat mengikut perancangan asal serta keupayaan serta kapasiti bangunan dapat diuji bersama-sama dengan peralatan pembelajaran sebelum berakhirnya Tempoh Tanggungan Kecacatan. Bagaimanapun, JTM juga bertanggungjawab untuk memastikan proses perolehan peralatan pembelajaran dibuat dengan teratur bagi mengelakkan Kerajaan mengalami kerugian;

   ii. Kementerian/JKR hendaklah menyenaraihitamkan kontraktor/konsultan yang gagal melaksanakan kerja pembinaan mengikut syarat kontrak; dan

   iii. bagi projek lain yang dilaksanakan di masa hadapan, Kementerian/JTM disyorkan supaya memastikan kerja pembinaan yang dilaksanakan siap dalam tempoh yang ditetapkan dan menilai semula keupayaan kontraktor dalam melaksanakan projek tersebut bagi mengelakkan kerugian dan mencapai objektif yang ditetapkan. Selain itu, memantau dan memberikan pengawasan yang lebih rapi terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor serta perunding bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut spesifikasi dan berkualiti.

KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

Jabatan Warisan Negara

44. Program Pemuliharaan Dan Pemugaran Tinggalan Sejarah

a. Jabatan Warisan Negara (JWN) bertanggungjawab memelihara dan memulihara warisan negara. Siling peruntukan berjumlah RM82.30 juta telah diluluskan kepada JWN di bawah Program Pemuliharaan dan Pemugaran Tinggalan Sejarah (Program PPTS). Objektif program ini adalah untuk menyelidik, mengumpul, memulihara, menyelamat dan mengembangkan harta warisan negara sama ada “warisan budaya” (cultural heritage) atau “warisan alam semulajadi” (natural heritage) dan juga “yang alih” (moveable) dan “yang tidak alih” (immoveable). Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya Program PPTS adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan program ini adalah seperti berikut:

   i. maklumat lengkap status pelaksanaan projek tidak disediakan;

   ii. pelaksanaan kerja pemuliharaan tidak berkualiti;

   iii. projek siap tidak dimanfaatkan;

   iv. tiada pengawasan atas perbelanjaan;

   v. tiada garis panduan rasmi proses kerja pemuliharaan;

   vi. pengurusan maklumat dan rekod tidak teratur; dan

   vii. tiada mekanisme pemantauan program pemuliharaan.

b. Pihak Audit mengesyorkan JWN mengambil tindakan seperti berikut:

   i. menguatkuasakan konsep pendekatan pemuliharaan bangunan bersejarah, prinsip kerja, rangka kerja dan piawaian pemuliharaan bangunan bersejarah seperti yang dinyatakan dalam UNESCO *World Heritage Convention* dan yang ditetapkan dalam Piagam Burra oleh *International Charter for The Conservation and Restoration of Monument and Sites* (ICOMOS) Australia;

   ii. mendokumentasi, mengemas kini dan melengkapkan semua data dan maklumat tentang pelaksanaan kerja pemuliharaan bangunan bersejarah daripada peringkat sebelum, semasa dan selepas pemuliharaan;

iii. menguatkuasakan mekanisme kawalan pengurusan kewangan bagi memastikan peraturan kewangan sentiasa dipatuhi;

iv. melaksanakan siasatan lanjut dan mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai awam yang cuai dalam melaksanakan tugas; dan

v. mewujudkan mekanisme pemantauan dan penilaian prestasi bagi mengukur keberkesanan pelaksanaan program dari aspek pencapaian objektif dan sasaran yang ditetapkan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Jabatan Kebajikan Masyarakat

45. Program Skim Bantuan Kebajikan Masyarakat

a. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (Kementerian) yang bertanggungjawab untuk melaksanakan program bagi membantu membangunkan golongan yang kurang bernasib baik ke arah kesejahteraan sosial. Antara program yang dilaksanakan bagi mencapai objektif JKM adalah Bantuan Kebajikan Masyarakat yang melibatkan 10 skim bantuan. Di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan, kesemua skim bantuan ini adalah dalam bentuk bantuan kewangan yang diberi kepada individu atau keluarga yang berkelayakan. Pengauditan yang dijalankan masih terdapat kelemahan dalam pengurusan program ini di mana isu yang pernah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 masih belum dapat diatasi sepenuhnya seperti berikut:

   i. proses siasatan bagi 114 (33.4%) daripada 341 permohonan tidak dapat diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan;

   ii. pemakluman keputusan bagi 275 (57.1%) daripada 482 permohonan melewati Piagam Pelanggan yang ditetapkan dengan kelewatan antara 8 hingga 910 hari;

   iii. kajian semula terhadap penerima bantuan sedia ada tidak dijalankan dalam tempoh yang sepatutnya;

   iv. sistem e-Bantuan tidak digunakan sepenuhnya; dan

   v. masalah bebanan kerja pegawai/kakitangan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/ Jajahan/Bahagian (PKMD/J/B) akibat pertambahan bilangan kes/kaji semula kes setiap tahun masih belum diatasi di mana tiada pertambahan jawatan di PKMD/J/B setakat akhir tahun 2011.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian/JKM mengambil tindakan seperti berikut:

   i. mengenal pasti mekanisme yang bersesuaian untuk mengatasi kelemahan yang berlaku dalam proses siasatan, kelulusan, kajian semula kes dan pengagihan wang bantuan. Antaranya ialah dengan mencari penyelesaian terhadap masalah sistem e-Bantuan dan seterusnya meningkatkan penggunaannya di PKMD/J/B sehingga mencapai tahap 100%; dan

   ii. memastikan PKMD/J/B menyelenggarakan rekod dan dokumen dengan teratur dan kemas kini untuk mengelakkan pertindihan kelulusan dan pembayaran bantuan.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

46. Skim Latihan Akademik IPTA

a. Kerajaan telah meluluskan Skim Latihan Akademik Institut Pengajian Tinggi Awam (SLAI) dengan peruntukan berjumlah RM1.006 bilion di bawah RMKe-9. Matlamat program ini untuk meningkatkan kualiti anggota akademik Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) berkelayakan Doktor Falsafah (PhD) atau setarafnya (Sarjana Perubatan). Pengauditan yang dijalankan mendapati secara umumnya, sasaran Skim Latihan Akademik IPTA di bawah RMKe-9

belum tercapai kerana Kementerian Pengajian Tinggi (Kementerian) hanya menaja seramai 3,517 (57.6%) anggota akademik IPTA daripada sasaran 6,103 orang bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008. Selain itu, pelaksanaan skim ini juga tidak teratur di mana terdapat kelemahan seperti berikut:

i. Sistem Maklumat Latihan yang tidak kemas kini telah mengakibatkan bayaran elaun kepada penerima tajaan yang tidak tepat;

ii. seramai 99 penerima tajaan yang telah melaporkan diri di IPTA masih belum menghantar tesis, sedang menulis tesis atau menunggu keputusan viva (peperiksaan lisan untuk tesis*).* Selain itu, seorang calon yang telah melaporkan diri pada tahun 2007 masih belum mengemukakan tesis;

iii. tiada bukti pelanjutan tempoh pengajian diluluskan dan ada kes pelanjutan tempoh pengajian diluluskan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa; dan

iv. pemantauan terhadap kemajuan pengajian penerima tajaan kurang dilaksanakan oleh Kementerian.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian mengambil tindakan seperti berikut:

i. memperkemaskan pengurusan fail peribadi penerima tajaan dengan mengenal pasti kes-kes tajaan yang telah tamat pengajian. Selain itu, rekod dalam Sistem Maklumat Latihan hendaklah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;

ii. menyemak semula bayaran elaun yang diterima oleh semua penerima tajaan yang lain bagi memastikan tiada lebih atau kurang bayar;

iii. meneliti semula kuasa meluluskan pelanjutan tempoh pengajian kepada pegawainya dengan mengambil kira beban kerja dan peningkatan penajaan setiap tahun; dan

iv. mempertingkatkan aspek pemantauan melalui hubungan kerjasama dan penyelarasan maklumat yang lebih berkesan dengan Unit Cuti Belajar di IPTA.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

47. Kemudahan Rumah Keluarga Anggota Tentera Bagi Angkatan Tentera Malaysia

a. Kementerian Pertahanan (Kementerian) telah menyediakan kemudahan Rumah Keluarga Anggota Tentera (RKAT) meliputi 4 perkhidmatan iaitu Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Tentera Darat Malaysia (TD) dan Angkatan Bersama (Markas ATM). Dalam tempoh RMKe-9, Kementerian telah melaksanakan 38 projek RKAT dengan kos asal RM1.740 bilion. Sehingga bulan Disember 2011, sebanyak 46,880 unit RKAT pelbagai kelas telah dibina untuk keempat-empat perkhidmatan tersebut. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya prestasi pembinaan bagi 12 projek RKAT yang dibina dalam RMKe-9 dan pengurusan RKAT yang diaudit adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

i. kontraktor gagal menyiapkan projek dalam tempoh kontrak asal dan diberi lanjutan masa antara 94 hingga 1,240 hari;

ii. projek RKAT yang telah siap mempunyai bilangan kecacatan pembinaan dan kerosakan yang tinggi dan kontraktor gagal membaikinya dalam tempoh tanggungan kecacatan;

iii. peningkatan kos projek RM174.43 juta (15.5%) kepada RM1,297.18 juta berbanding kos kontrak asal berjumlah RM1,122.75 juta;

iv. kelemahan dalam pengurusan kemudahan RKAT yang disediakan seperti RKAT tidak diduduki sepenuhnya, kualiti perabot yang rendah dan tahap kepuasan penghuni terhadap kemudahan RKAT adalah kurang memuaskan; dan

v. pentadbiran kontrak dan pengurusan penyenggaraan yang kurang memuaskan.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya Kementerian mengambil tindakan seperti berikut:

   i. memastikan kontraktor yang dilantik bagi kerja-kerja pembinaan dan penyediaan kemudahan RKAT adalah berkelayakan dan berwibawa;

   ii. membuat pemeriksaan dan memastikan kontraktor membaiki kerosakan/kecacatan yang ditemui dengan segera sebelum memulangkan Bon Pelaksanaan atau sebelum Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat. Pelarasan harga projek bagi kerja-kerja yang tidak disempurnakan oleh kontraktor hendaklah dibuat;

   iii. melaksanakan pengurusan nilai bagi semua projek yang bernilai RM50 juta untuk mendapat *value for money* dalam perbelanjaannya;

   iv. memastikan kesemua unit RKAT sedia ada digunakan secara optimum dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengisi RKAT yang masih kosong dan memperbaiki unit RKAT yang rosak; dan

   v. memastikan klausa kontrak dikuatkuasakan bagi menjamin kepentingan Kerajaan serta mengelakkan implikasi kewangan yang akan merugikan Kerajaan.

Jabatan Latihan Khidmat Negara

48. Pengurusan Program Latihan Khidmat Negara

a. Mengikut Akta Latihan Khidmat Negara 2003, mereka yang berumur antara 16 hingga 35 tahun dikehendaki mengikuti Latihan Khidmat Negara. Latihan ini dijalankan di kem yang diluluskan oleh Kerajaan selama 3 bulan dan ia merangkumi modul fizikal, kenegaraan, pembinaan karakter dan khidmat komuniti. Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) bertanggungjawab menyediakan kurikulum program berdasarkan kepada komponen yang ditetapkan. Sehingga 31 Disember 2011, Kementerian Kewangan telah meluluskan 87 kem yang beroperasi di bawah JLKN. Seramai 596,604 pelatih telah berjaya menyertai program ini bagi tempoh tahun 2004 hingga 2011. Secara keseluruhannya, pengurusan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bagi 7 buah kem yang dilawati adalah kurang memuaskan. Di antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

   i. kemudahan kem seperti blok kediaman pelatih, blok penginapan dan bilik rehat jurulatih serta kemudahan latihan tidak mematuhi *Schedule Of Compliance* (SOC) seperti di dalam kontrak;

   ii. perkhidmatan bas tidak dioptimumkan penggunaannya; dan

   iii. tuntutan bayaran sajian tidak dibuat dengan sewajarnya.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya JLKN mengambil tindakan seperti berikut:

   i. memantau kem PLKN yang tidak mematuhi syarat yang ditetapkan dan memperincikan denda bagi Perkhidmatan A. Tindakan tegas perlu diambil dengan mengenakan denda terhadap kem yang tidak mematuhi SOC. Bagi kem PLKN yang menyediakan perkhidmatan yang kurang memuaskan, JLKN perlu mempertimbangkan sama ada kontrak disambung atau sebaliknya;

   ii. memastikan setiap kem PLKN mengoptimumkan penggunaan bas bagi memperoleh *value for money* terhadap perbelanjaan penyewaan bas; dan

   iii. mengkaji Klausa 8.6 kontrak perjanjian dengan memperincikan panduan dan tatacara tuntutan sajian yang diguna pakai di semua kem PLKN bagi mengelakkan kekeliruan dan bayaran tidak sepatutnya.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

49. Pembinaan Dan Pengurusan Kompleks Kementerian Dalam Negeri Johor

a. Kementerian Kewangan pada 22 Disember 2006 telah memberi kelulusan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk melaksanakan Projek Pembinaan Kompleks Kementerian Dalam Negeri Johor (Kompleks) secara rundingan terus reka dan bina oleh Syarikat SP Setia Berhad. Pembinaan Kompleks ini bertujuan untuk memudahkan orang awam berurusan dengan Jabatan/Agensi KDN di bawah satu bumbung di samping menyediakan tempat bekerja/tinggal yang selesa dan selamat kepada pegawai dan kakitangan KDN. Kompleks bernilai RM190.43 juta dengan keluasan tanah 16.7 ekar yang terletak di Kempas, Johor Bahru telah siap dibina pada 18 Mac 2011. Kompleks ini menempatkan 8 Jabatan/Agensi utama KDN. Pengauditan yang dijalankan mendapati pada keseluruhannya pengurusan pembinaan Kompleks adalah memuaskan dan mencapai objektif pembinaannya. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan dan pengurusan Kompleks seperti berikut:

   i. kelemahan dalam pengurusan pembinaan seperti kelewatan penyerahan lanjutan bon pelaksanaan dan pengurusan wang peruntukan sementara;
   ii. kerja binaan/pembekalan peralatan dan kelengkapan tidak sempurna atau tidak berkualiti;
   iii. kemudahan yang disediakan tidak sesuai; dan
   iv. program penyenggaraan tidak disediakan serta latihan ambil alih Kompleks dihadiri oleh pegawai dan anggota Kompleks yang tidak berpengalaman.

b. Pihak Audit mengesyorkan KDN mengambil tindakan seperti berikut:

   i. memastikan tawaran yang paling menguntungkan Kerajaan di samping menjaga kepentingan Kerajaan supaya bekalan dan perkhidmatan yang diterima di bawah Wang Peruntukan Sementara adalah yang terbaik dari segi kualiti dan mutu;
   ii. memastikan Pengarah Projek/Wakil mengemukakan arahan secara bertulis kepada kontraktor untuk membaiki segala kecacatan, ketidaksempurnaan, kekurangan atau kerosakan yang dikenal pasti dalam tempoh masa yang ditetapkan;
   iii. mengambil kira kehendak yang telah ditetapkan dalam projek pembinaan akan datang dan memastikan penyeliaan dan pemantauan secara berterusan dilakukan semasa peringkat pembinaan projek untuk menjamin kualiti pembinaan selaras dengan kehendak kontrak;
   iv. memastikan kemudahan bilik penyimpanan/stor yang disediakan memenuhi aspek keselamatan yang ditetapkan; dan
   v. memastikan latihan bertujuan untuk mengambil alih Kompleks diadakan bagi menjayakan proses pemindahan teknologi. Pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam latihan perlulah berpengalaman, mahir dan berjawatan tetap supaya proses ambil alih Kompleks berjalan lancar dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

Unit Pencegah Penyeludupan

50. Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan

a. Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) telah ditubuhkan pada 28 Jun 1976 sebagai satu unit bertindak (strike force) bertujuan untuk membanteras kegiatan penyeludupan dan kemasukan secara haram pendatang asing di sempadan Malaysia-Thailand. Aktiviti utama penguatkuasaan UPP melibatkan aktiviti operasi (sekatan, rondaan dan risikan) dan aktiviti penyerahan barangan rampasan/tangkapan pendatang asing tanpa izin (PATI) kepada agensi induk. Pengauditan yang dijalankan mendapati prestasi aktiviti penguatkuasaan

adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti berikut:

i. Jawatankuasa Pasukan Penyelaras Aktiviti Menentang Penyeludupan (JPAMP) peringkat Persekutuan dan Negeri tidak mengadakan mesyuarat seperti yang ditetapkan;

ii. kegagalan mematuhi perintah dan peraturan berkaitan;

iii. masalah pengisian jawatan kosong dan gred bagi pegawai penyelia lebih rendah berbanding pegawai yang diselia; dan

iv. keperluan logistik dan kemudahan tidak diurus dengan baik.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya Kementerian dan pihak lain yang terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

i. JPAMP peringkat Persekutuan dan Negeri perlu bermesyuarat mengikut jadual bagi memastikan penyelarasan aktiviti penguatkuasaan pencegahan penyeludupan dapat dijalankan dengan berkesan dan pemantauan berkala dilaksanakan;

ii. mematuhi dan melaksanakan segala cadangan pindaan Arahan MKN No. 15 yang diluluskan bagi memantapkan pentadbiran dan pengurusan aktiviti UPP;

iii. mengkaji kemungkinan UPP diwujudkan sebagai sebuah jabatan bagi membolehkan keperluan keanggotaan dikawal sepenuhnya oleh UPP serta menjamin keutuhannya sebagai sebuah pasukan *strike force* di Malaysia;

iv. pengurusan UPP perlu segera membaiki rumah yang rosak di samping menjalankan penyenggaraan berkala terhadap rumah lain; dan

v. penambahan bilangan kenderaan yang bersesuaian bagi tujuan aktiviti penguatkuasaan serta pengangkutan dan pemunggahan barangan rampasan diperlukan bagi memastikan peranan UPP dapat dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan.

51. Pengurusan Tanah Yang Belum Dibangunkan

a. Seksyen 4, *Federal Lands Commissioner Act* 1957 memperuntukkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) menjalankan kuasa sebagai tuan punya tanah Persekutuan di bawah hak miliknya. Pelaksanaan fungsi dan tanggungjawab PTP adalah terletak di bawah bidang kuasa dan kawalan Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG). Manakala Unit Tanah, Bahagian Pembangunan, Kementerian Dalam Negeri (Kementerian) dan Jabatan serta Agensi di bawahnya bertanggungjawab untuk menguruskan pembangunan tanah di bawah hak miliknya dengan cekap dan sempurna. Pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan tanah yang belum dibangunkan di PDRM adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

i. isu yang sama telah pun dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 di mana masih terdapat tanah yang belum dibangunkan telah dicerobohi untuk penempatan setinggan dan aktiviti pertanian;

ii. perjanjian lot tanah yang disewakan tidak diperbaharui;

iii. sewa tanah tidak dikutip; dan

iv. rekod tanah tidak selaras antara JKPTG dengan Kementerian/Jabatan/Agensi pengguna.

b. Pihak Audit mengesyorkan pihak terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

i. bagi tanah yang belum dibangunkan, Kementerian boleh mempertimbangkan sewaan sementara. Selain itu, pemantauan yang berterusan perlu dilakukan dan laporan dibuat

kepada JKPTG bagi kes pencerobohan yang berlaku supaya tindakan susulan sewajarnya dapat dibuat dengan segera;

ii. meningkatkan penguatkuasaan di peringkat JKPTG dan Pentadbir Tanah dengan sokongan dan bantuan daripada Kementerian, Jabatan dan Agensi pengguna;

iii. memastikan perjanjian penyewaan ditandatangani bagi semua tanah yang disewakan dan memastikan maklumat bayaran/Akaun Subsidiari Penyewa diselenggarakan dengan teratur. JKPTG juga perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap penyewa yang melanggar syarat perjanjian; dan

iv. rekod tanah Persekutuan perlu diselaraskan di antara JKPTG, Kementerian dan Jabatan agar pemantauan dan kawalan serta penguatkuasaan terhadap tanah Persekutuan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Polis DiRaja Malaysia

52. Pembinaan Pangkalan Polis Marin Lahad Datu, Sabah

a. Pangkalan Polis Marin Lahad Datu, Sabah merupakan pangkalan yang paling strategik dalam menguatkuasakan undang-undang maritim serta mengawasi dan menjaga keselamatan perairan negara daripada ancaman dan serangan pihak luar terutamanya di kawasan „Ops Pasir" pantai timur Sabah. Projek Pembinaan Pangkalan Polis Marin Lahad Datu, Sabah telah mendapat kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri (Kementerian) bagi kegunaan Pasukan Polis Marin, Polis DiRaja Malaysia dalam RMKe-8. Projek ini dibahagikan kepada 2 fasa iaitu kerja penambakan tanah (Fasa I) dan kerja pembinaan bangunan (Fasa II). Nilai kontrak bagi Fasa I berjumlah RM21.96 juta manakala bagi Fasa II berjumlah RM68.80 juta. Projek telah disiapkan pada 31 Januari 2011 dan diduduki mulai bulan April 2011. Pengauditan yang dijalankan mendapati pelaksanaan projek Pembinaan Pangkalan Polis Marin Lahad Datu, Sabah adalah memuaskan di mana ia telah dapat disiapkan dan berjaya mencapai objektif pembinaannya. Namun begitu, terdapat kelemahan seperti berikut:

i. projek mengambil masa selama 2 tahun 5 bulan untuk dimulakan daripada tempoh projek diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 12 Ogos 2002 sehingga ke tarikh sebenar pemilikan tapak;

ii. projek lewat disiapkan dari tarikh asal projek sepatutnya siap di mana 2 lanjutan masa selama 299 hari telah diluluskan (Fasa I) dan 3 lanjutan masa selama 528 hari telah diluluskan (Fasa II);

iii. terdapat reka bentuk/spesifikasi yang tidak sesuai serta terdapat kerja pembinaan yang tidak memuaskan/tidak siap; dan

iv. Kementerian tidak merancang dan menyediakan kontrak perkhidmatan pembersihan bagi kawasan pembinaan setelah projek diserahkan kepada pengguna.

b. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, pihak Audit mengesyorkan pihak yang terlibat melaksanakan perkara seperti berikut:

i. Kementerian/Kementerian Kewangan perlu mengambil tindakan segera terhadap permasalahan yang wujud di peringkat perancangan dan pelaksanaan projek. Ini bertujuan memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar dan objektifnya dapat direalisasikan mengikut perancangan. Ia juga bagi memastikan Kontraktor tidak terjejas dengan sebarang keputusan yang tertangguh oleh pihak Kerajaan yang memberi kesan kepada pematuhan Kontraktor terhadap jadual pelaksanaan projek yang ditetapkan;

ii. Kementerian perlu memastikan kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan diperolehi sebelum sesuatu kerja pembinaan ditawarkan;

iii. Kementerian perlu mengambil tindakan terhadap perunding yang gagal mengambil kira keperluan tertentu semasa menyediakan reka bentuk bangunan yang menyebabkan ketidakselesaan dan kesusahan berpanjangan kepada pengguna dengan menyenaraihitamkan perunding berkenaan daripada mengambil bahagian dalam mana-mana projek pembinaan Kerajaan di masa hadapan;

iv. Kementerian melalui perunding yang dilantik perlu memastikan kerja yang dilaksanakan oleh Kontraktor mematuhi spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan bagi menjamin kualiti pembinaan;

v. Kementerian/PDRM perlu merancang dan menyediakan kontrak perkhidmatan pembersihan dan penyenggaraan selepas penyerahan projek oleh Kontraktor bagi memastikan bangunan yang dibina dan kemudahan yang disediakan sentiasa berada dalam keadaan baik dan memuaskan bagi projek lain yang dilaksanakan di masa hadapan; dan

vi. Kementerian dan perunding perlu memastikan semua kerosakan/kecacatan diambil tindakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kerosakan yang dilaporkan, tindakan pemotongan hendaklah diambil terhadap baki 50% Wang Jaminan Pelaksanaan yang masih ditahan dan menyelaraskannya semasa penyediaan akaun muktamad.

Jabatan Pertahanan Awam Malaysia

53. Pengurusan Perolehan Peralatan Bantuan Kecemasan

a. Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dilengkapkan dengan peralatan bantuan keselamatan yang sesuai selaras dengan teknologi masa kini bagi melaksanakan perkhidmatan bantuan kecemasan. Perolehan peralatan bantuan kecemasan ini adalah melalui kaedah tender yang diuruskan oleh Kementerian Dalam Negeri, manakala perolehan secara sebut harga dan pembelian terus diuruskan oleh JPAM. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan peralatan bantuan kecemasan di JPAM adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

i. perolehan enjin bot 60hp ELPT 4-Stroke Mercury di 13 Pejabat Pertahanan Awam Negeri (PNPA) secara pembelian terus tidak teratur kerana nilai perolehan keseluruhan melebihi RM50,000;

ii. pegawai yang menerima peralatan di PNPA Kedah tidak dilantik secara bertulis;

iii. terdapat peralatan yang masih belum didaftarkan; dan

iv. lokasi penyimpanan peralatan kurang sesuai/kurang selamat kerana tidak dilengkapi dengan jeriji besi.

b. Pihak Audit mengesyorkan JPAM mempertimbangkan perkara seperti berikut:

i. memastikan perolehan peralatan bantuan kecemasan dibuat dengan mematuhi peraturan dan prinsip perolehan Kerajaan;

ii. merancang dengan teliti sebelum membuat perolehan untuk sesuatu tahun supaya tindakan memecah kecilkan perolehan tidak berlaku;

iii. melantik secara bertulis pegawai penerima aset yang mempunyai kelayakan dan kepakaran untuk membuat penerimaan dan pemeriksaan peralatan bantuan kecemasan;

iv. memastikan semua peralatan bantuan kecemasan didaftarkan dengan lengkap dan kemas kini dalam daftar yang ditetapkan termasuk di pejabat JPAM yang tidak dilawati oleh pasukan Audit; dan

v. mengkaji semula kesesuaian stor penyimpanan enjin bot di semua pejabat JPAM serta mengambil tindakan segera ke atas stor penyimpanan peralatan bantuan kecemasan yang tidak dipasang dengan jeriji besi pada pintu dan tingkap stor bagi menjamin keselamatan peralatan.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

54. Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia

a. Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia (ITBM), sebelum 16 Disember 2011 dikenali sebagai Institut Terjemahan Negara Malaysia ditubuhkan pada 14 September 1993 dengan modal berbayar RM29.41 juta. ITBM bertindak sebagai *lead agency* dalam industri penterjemahan negara dan bertanggungjawab menerbitkan karya asli penulis muda. Pengauditan yang dijalankan mendapati perkara seperti berikut:

   i. secara keseluruhannya, prestasi kewangan syarikat adalah baik kerana ITBM mampu menjana keuntungan dari operasi dan menunjukkan kedudukan aliran tunai yang positif bagi 3 tahun berturut-turut dari tahun 2008 hingga 2010;

   ii. prestasi aktiviti pada umumnya adalah baik di mana terdapat peningkatan output dari tahun ke tahun dari segi dokumen yang diterjemahkan, kursus yang diadakan serta acara yang melibatkan khidmat kejurubahasaan;

   iii. berlaku kelemahan dalam pengurusan projek e-Kamus dan e-Book, penggunaan sistem pengurusan maklumat syarikat serta pengurusan stok buku; dan

   iv. kelemahan dalam urusan pengemaskinian daftar aset syarikat.

b. Bagi memantapkan lagi pencapaian aktiviti dan tadbir urus organisasi adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

   i. Lembaga Pengarah ITBM perlu memantau projek yang dilaksanakan dari semasa ke semasa dengan rapi bagi memastikan objektif dicapai dan dapat dimanfaatkan seperti yang disasarkan;

   ii. pengurusan ITBM perlu memastikan penggunaan modul dalam *Total Management Information System* yang telah dibangunkan digunakan secara optimum bagi memastikan ITBM mendapat *value for money*; dan

   iii. pada masa hadapan, bagi projek ICT seumpama e-Kamus dan e-Book ini, Lembaga Pengarah perlu memastikan klausa yang menjamin kepentingan ITBM dimasukkan dalam kontrak.

55. SIRIM Berhad

a. Institut Standard Malaysia (SIM) ditubuhkan sebagai Jabatan Kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Dan Industri pada awal 1966. Pada tahun 1974, SIM telah bergabung dengan *National Institute for Scientific and Industrial Research* (NISIR) dan menjadi badan berkanun dengan nama SIRIM melalui Akta SIRIM (Pengkorporatan), 1975 yang berkuat kuasa mulai 15 September 1975. SIRIM telah dikorporatkan dan dikenali sebagai SIRIM Berhad (SIRIM) dan beroperasi dengan modal berbayar berjumlah RM70 juta daripada RM500 juta yang dibenarkan pada 1 September 1996. Setakat 31 Disember 2011 SIRIM mempunyai 4 subsidiari milik penuh. Pengauditan yang dijalankan mendapati perkara seperti berikut:

   i. SIRIM mengalami peningkatan dalam untung bersih iaitu RM15.64 juta pada tahun 2009 berbanding RM1.16 juta pada tahun 2008. Bagaimanapun, ia menurun pada tahun 2010 kepada RM6.91 juta dan RM6.62 juta pada tahun 2011;

ii. pengurusan aktiviti secara keseluruhannya adalah baik namun terdapat kelemahan seperti tiada klausa-klausa penting di dalam perjanjian/memorandum persefahaman yang ditandatangani, ketidakpatuhan ke atas peraturan yang telah ditetapkan, tanggungjawab penyerahan projek tidak jelas dan hasil projek yang tidak digunakan dengan optimum; dan

iii. tahap pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah baik kecuali beberapa aspek dalam pengurusan aset.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya pihak pengurusan SIRIM mempertimbangkan perkara seperti berikut:

i. mengenal pasti semula faktor yang menyebabkan KPI bagi setiap objektif strategiknya tidak dapat dicapai dan satu pelan tindakan yang lebih komprehensif perlu dirangka bagi meningkatkan pencapaian prestasi setiap KPI. Di samping itu SIRIM juga perlu menetapkan sasaran dan pencapaian berdasarkan aktiviti syarikat;

ii. memastikan dokumen perjanjian yang dimeterai mengambil kira faktor penyenggaraan, latihan kepada pengguna dan penyediaan manual bagi produk yang dihasilkan serta memantau dengan rapi terhadap pematuhan garis panduan penyediaan memorandum persefahaman dan perjanjian;

iii. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai-pegawai bagi meningkat dan memantapkan kemahiran mereka; dan

iv. mewujudkan daftar aset yang standard, menjana laporan mengikut bahagian/jabatan, mendaftar dan melabelkan semua asetnya serta membuat pemeriksaan bagi memastikan lokasi aset adalah bersamaan dengan daftar. Daftar pergerakan aset juga perlu diselenggarakan bagi mengelakkan kehilangan dan salah guna aset.

56. Pengurusan Aset Air Berhad

a. Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) ditubuhkan pada 5 Mei 2006 dengan modal berbayar RM410 juta. PAAB adalah pemilik dan pemaju aset air negara yang bertanggungjawab untuk membangunkan infrastruktur air negara dan semua aset yang berkaitan dengan sistem air bagi Semenanjung Malaysia serta Wilayah Persekutuan Labuan. Pengauditan yang dijalankan mendapati prestasi dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat PAAB adalah memuaskan. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, PAAB telah mencatatkan peningkatan keuntungan selepas cukai iaitu daripada RM2.31 juta pada tahun 2008 kepada RM47.41 juta pada tahun 2009 dan terus meningkat kepada RM70.78 juta pada tahun 2010. Setakat akhir tahun 2010, keuntungan terkumpul adalah berjumlah RM120.05 juta. Peningkatan yang ketara pada tahun 2009 adalah disebabkan pendapatan atas sewaan aset air yang diterima mulai tahun 2009. Bagaimanapun, prestasi dan pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan antaranya seperti berikut:

i. sehingga kini hanya 5 daripada 12 negeri telah menyertai program penstrukturan industri perkhidmatan air negara. Bagaimanapun, hanya 153 (9.7%) daripada 1,581 tapak aset air telah dipindah milik kepada PAAB;

ii. berlaku kelewatan dalam pelaksanaan projek infrastruktur air serta berlaku kelemahan dalam pemantauan terhadap kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh operator air; dan

iii. Projek Bekalan Air Alternatif Ke KLIA bernilai RM84.21 juta yang sepatutnya siap pada 15 Disember 2011 masih belum beroperasi sepenuhnya kerana kapasiti tangki air KLIA dan paip agihan sedia ada tidak dapat menampung kapasiti pengeluaran air terawat dari loji.

b. Bagi memastikan PAAB mencapai tujuan utama penubuhannya adalah disyorkan semua pihak yang terlibat mengambil tindakan berikut:

i. menyusuli perkara berkaitan pemindahan hak milik tanah dengan Kerajaan Negeri dengan segera;

ii. memantau dan mengkaji peranan operator air dalam pelaksanaan projek bagi memastikan projek disiapkan mengikut jadual;

iii. memantau operator air bagi memastikan keselamatan aset air supaya ia sentiasa disenggarakan dan berada dalam keadaan baik; dan

iv. tindakan segera membolehkan Loji Rawatan Air Sg. Labu yang dikenal pasti sebagai sumber yang berpotensi menjadi alternatif sumber bekalan air ke KLIA dapat beroperasi sepenuhnya dilakukan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), PAAB serta pihak yang berkaitan.

57. Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd.

a. Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. (RapidKL) ditubuhkan pada 26 Julai 2004 dengan modal berbayar RM300 juta. Pada 30 Jun 2009, Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) telah mengambil alih RapidKL daripada Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dengan pegangan ekuiti 100%. RapidKL adalah pengendali (operator) sistem tren transit aliran Ampang dan Kelana Jaya serta pengangkutan bas di Kuala Lumpur dan sebahagian Lembah Klang. Pengauditan yang dijalankan mendapati pada umumnya, RapidKL telah mengendalikan perkhidmatan tren dan bas selaras dengan mandat yang diberikan. Namun begitu, pihak Audit mendapati beberapa kelemahan daripada aspek kewangan dan pengurusan aktiviti seperti berikut:

i. prestasi kewangan RapidKL kurang memuaskan di mana syarikat telah mengalami kerugian pada tahun 2008 dan 2010 walaupun mencatatkan keuntungan pada tahun 2009. Setakat 31 Disember 2010, kerugian terkumpul RapidKL berjumlah RM293.82 juta;

ii. perbezaan dalam rekod kutipan tunai bagi perkhidmatan tren dan bas disebabkan kelemahan pengurusan dokumen kewangan serta kawalan dalaman sistem kutipan RapidKL yang kurang memuaskan;

iii. bilangan bas sedia guna bagi 4 model bas iaitu Dong Feng 120, Iveco, Dong Feng 75 dan King Long Suzhou hanya mencapai kurang 50% daripada keseluruhan bas sebenar; dan

iv. peratus bas boleh beroperasi tidak mencapai 100% antaranya disebabkan pemandu yang tidak mencukupi.

b. Pihak Audit mengesyorkan pihak yang bertanggungjawab mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

i. Lembaga Pengarah RapidKL perlu memastikan pencapaian syarikat dikaji dari semasa ke semasa bagi memastikan objektif syarikat tercapai, di samping meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam;

ii. mempertingkatkan pemantauan terhadap kaunter kutipan wang dan membuat penyesuaian antara tiket perjalanan dengan rekod di penyata juruwang bagi menyelaraskan rekod kutipan tunai;

iii. mempercepatkan kelancaran proses pembaikan dan penyenggaraan agar perkhidmatan bas sedia guna dapat dipertingkatkan;

iv. jadual pemandu hendaklah disusun bagi memastikan tidak berlaku kekurangan pemandu yang bertugas dan mengganggu kelancaran perkhidmatan bas; dan

v. SPNB sebagai syarikat yang menguruskan kewangan, pentadbiran, sumber manusia, perolehan dan penyenggaraan sistem bagi RapidKL perlu memantau dengan lebih rapi pengurusan operasi dan kewangan syarikat untuk memastikan kelemahan yang berlaku tidak berulang dan sebarang masalah dapat ditangani dengan lebih awal.

58. UDA Holdings Berhad

a. Pada 18 November 1999, UDA Holdings Sdn. Bhd. telah disenaraikan di Bursa Malaysia sebagai UDA Holdings Berhad (UHB) dan pada 4 April 2003, Malaysian Resources Corporation Bhd. telah mengambil alih saham dan pengurusan UHB. Pada 14 Oktober 2004 pula, pegangan saham Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dalam UHB telah dijual kepada Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah). UHB secara rasmi dikeluarkan dari Bursa Saham pada 31 Mei 2007. Berikutan itu, pada 17 Januari 2008, Kementerian Kewangan bersetuju supaya MKD mengambil alih keseluruhan saham UHB berjumlah 176,577,186 unit saham biasa pada nilai RM3.00 sesaham daripada Khazanah dengan nilai keseluruhan RM529.73 juta. Objektif syarikat setelah dikeluarkan dari Bursa Saham adalah untuk menjayakan agenda Bumiputera seiring dengan aspirasi Kerajaan dengan memainkan peranan penting dalam sektor pembangunan bandar. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan UHB adalah memuaskan. UHB mencatat peningkatan keuntungan sejumlah RM2.03 juta pada tahun 2010 iaitu RM30.84 juta berbanding tahun 2008 iaitu RM28.81 juta sungguhpun mengalami sedikit kerugian pada tahun 2009 iaitu sejumlah RM6.47 juta. Prestasi aktiviti UHB juga memuaskan kerana pencapaian tahunan semakin meningkat iaitu 77% pada tahun 2009 kepada 88% pada tahun 2010 dan terus meningkat 100% pada tahun 2011. Bagaimanapun, prestasi pengurusan aktiviti Bahagian UDA Urban adalah kurang memuaskan. Di antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

   i. perancangan dan pelaksanaan kediaman adalah tidak teratur di mana kediaman gagal diserahkan dalam tempoh masa yang ditetapkan;
   ii. pembangunan projek tidak dilaksanakan seperti mana yang dirancang; dan
   iii. pengurusan kewangan dan urus tadbir korporat kurang memuaskan di mana berlaku kelemahan dalam kawalan pengurusan perbelanjaan iaitu penggunaan kad kredit, pembayaran dividen dan kelemahan dalam pengurusan aset (daftar aset tidak kemas kini, aset tidak dapat dikesan dan aset tidak didaftarkan dengan nombor pendaftaran).

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya pihak pengurusan UHB, Kementerian Kewangan dan Lembaga Pengarah UHB memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

   i. Lembaga Pengarah UHB perlu memastikan pengurusan UHB mematuhi proses dan prosedur tender yang telah ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya masalah projek lewat disiapkan;
   ii. Lembaga Pengarah UHB perlu memastikan pihak pengurusan UHB memberi tumpuan kepada pembangunan hartanah yang telah dirancang untuk meraih keuntungan dalam tempoh jangka panjang; dan
   iii. Kementerian Kewangan melalui wakilnya perlu memastikan UHB mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dan semua pekeliling yang telah dikeluarkan supaya pengurusan UHB dibuat dengan telus, teratur dan berhemat.

59. Malaysia International Franchise Sdn. Bhd.

a. PNS Francais Sdn. Bhd. (PNSF) yang ditubuhkan pada 2 Ogos 2001 telah menukar namanya kepada Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. (MyFranchise) pada 18 Jun 2007. MyFranchise adalah merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Nasional

Berhad dengan modal dibenarkan berjumlah RM50 juta dan modal berbayar berjumlah RM27 juta. Objektif penubuhan syarikat adalah sebagai alat untuk meningkatkan keuntungan dengan melabur dalam perniagaan francais di luar negara dan dalam negara untuk mewujudkan pendapatan dan meningkatkan keuntungan syarikat. Pengauditan yang dijalankan mendapati prestasi kewangan syarikat bagi tempoh tahun kewangan 2008 hingga 2010 mencatatkan kerugian berturut-turut bagi 3 tahun tersebut. Pada keseluruhannya, pengurusan aktiviti, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat MyFranchise adalah kurang memuaskan. Antara penemuan Audit adalah seperti berikut:

i. semua pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu mengalami kerugian kecuali pelaburan dalam Piagam Maju Sdn. Bhd. (PMSB) dan sebahagian daripada pelaburan tersebut telah dijual atau dilupuskan;

ii. pengurusan aktiviti tiada perancangan yang teliti bagi melaksanakan prototaip JomMakan, proponen JomMakan di Jepun tidak mengemukakan laporan kewangan, objektif pelaburan tidak tercapai, pelaburan tidak dibuat dengan teratur dan ketidakpatuhan terma dan syarat perjanjian; dan

iii. pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan seperti perjanjian sewa tidak diperbaharui, kelemahan pengurusan fail, pelupusan aset lewat diambil dan lot kedai yang dibeli tidak digunakan.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

i. pihak pengurusan MyFranchise perlu memastikan semua pelaburan yang dibuat adalah mengikut polisi dan garis panduan pelaburan yang telah ditetapkan;

ii. MyFranchise perlu memastikan segala peraturan yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Tanpa pemantauan yang berkesan, tindakan pembetulan sukar dibuat dengan segera sekiranya terdapat sebarang masalah urusan pelaburannya;

iii. pengurusan MyFranchise perlu memastikan fail berkaitan pengurusan aktiviti diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini bagi memudahkan pemantauan dan rujukan aktiviti serta mewujudkan akauntabiliti dan ketelusan; dan

iv. Lembaga Pengarah MyFranchise perlu memastikan pemantauan subsidiari dibuat berasaskan pencapaian sasaran yang telah ditetapkan dan dengan itu MyFranchise perlu menetapkan petunjuk prestasi yang sesuai serta dapat dicapai.

60. Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.

a. Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) merupakan syarikat pembetungan nasional yang telah diamanahkan dengan tugas untuk membangun dan menyenggarakan sistem pembetungan yang moden dan efisien. Pada bulan Jun 2000, Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) telah mengambil alih semua ekuiti dalam IWK bernilai RM100 juta daripada pemilik persendirian terdahulu dengan harga RM192.54 juta. Pada masa kini, 99.9% saham IWK dimiliki oleh MKD dan RM1 saham dimiliki oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Setakat 31 Disember 2011, IWK hanya mempunyai satu syarikat subsidiari iaitu Indah Water Operations Sdn. Bhd. yang berstatus dorman. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya, IWK telah berjaya membangunkan sistem pembetungan negara ke satu tahap yang lebih baik selepas 17 tahun mengendalikannya. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

i. prestasi kewangan IWK adalah kurang memuaskan di mana syarikat tidak mampu menjana keuntungan dan terlalu bergantung kepada subsidi Kerajaan untuk menampung perbelanjaan operasinya yang semakin meningkat. Ini menyebabkan IWK mengalami kerugian secara berterusan dan sehingga akhir tahun 2010, kerugian terkumpul IWK berjumlah RM888.81 juta;

ii. terdapat kelemahan yang melibatkan operasi dan penyenggaraan sistem pembetungan seperti kes kecurian di loji olahan kumbahan yang melibatkan anggaran kerugian berjumlah RM25.40 juta; air kumbahan tidak dirawat mengikut standard yang ditetapkan; kerosakan struktur loji serta pelanggaran standard efluen yang melibatkan fi lesen berjumlah RM1.554 bilion; dan

iii. projek tidak dirancang dengan teliti dan Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan bagi projek yang mana komponen utamanya gagal dalam pengujian dan pentauliahan.

b. Pihak Audit mengesyorkan pihak yang terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

i. Lembaga Pengarah perlu memastikan pencapaian syarikat dikaji dari semasa ke semasa dan memantau secara berterusan pengurusan operasi dan kewangan agar objektif syarikat tercapai, di samping meningkatkan mutu perkhidmatan;

ii. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Kementerian Kewangan dan SPAN hendaklah secara bersama memberi pertimbangan dalam menyokong permohonan IWK mengenai kadar tarif pembetungan negara bagi memastikan kadar tersebut adalah bersesuaian dengan keadaan semasa;

iii. IWK perlu berusaha memastikan air kumbahan dirawat sebelum dilepaskan ke longkang/saliran awam; dan

iv. kerja baik pulih dan naik taraf aset pembetungan yang tidak berupaya merawat kumbahan ke standard yang ditetapkan perlu disegerakan agar efluen yang dilepaskan tidak mencemarkan alam sekitar.



BAHAGIAN I

PERLAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/ JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN I

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6, Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Kementerian/Jabatan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cara yang teratur cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut, 58 aktiviti di 28 Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan telah dipilih untuk diaudit sepanjang tahun 2011. Hasil dari pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Kementerian/Jabatan yang terlibat sebaik sahaja pengauditannya selesai dijalankan. Perkara yang diperhatikan daripada pengauditan 53 aktiviti dilaporkan secara terperinci manakala 5 aktiviti yang lain dilaporkan secara ringkas termasuk syor-syor bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan.

JABATAN PERDANA MENTERI

2. BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

- **JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA**
  - **PENGURUSAN KES KEBANKRAPAN DAN PENGGULUNGAN SYARIKAT**

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Jabatan Insolvensi Malaysia yang dikenali secara rasminya sebagai *Malaysia Department of Insolvency* (MdI) adalah sebuah agensi di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM). MdI bertanggungjawab dalam pengendalian, pentadbiran, perkhidmatan, pematuhan undang-undang dan penguatkuasaan pengurusan insolvensi di Malaysia. Antara fungsi MdI adalah seperti berikut:

- Mentadbir hal ehwal bankrap mengikut Akta Kebankrapan 1967 dan Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969;
- Melaksanakan fungsi sebagai Pelikuidasi Sementara atau Pelikuidasi yang dilantik bagi syarikat-syarikat yang digulungkan mengikut peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Kaedah-kaedah Syarikat (Penggulungan) 1972;
- Menjalankan penyiasatan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan apa-apa kesalahan yang disyaki yang dilakukan oleh bankrap atau pengarah syarikat di bawah Akta Kebankrapan 1967, Akta Syarikat 1965 dan di bawah mana-mana perundangan lain yang berkaitan dengan kebankrapan atau penggulungan syarikat;
- Menjalankan pendakwaan semua jenis kes jenayah dan kuasi jenayah di bawah Akta Kebankrapan 1967 dan Akta Syarikat 1965;
- Menyediakan khidmat carian status kebankrapan individu dan status syarikat; dan
- Menguruskan hal ehwal kewangan Jabatan dan perakaunan insolvensi serta menjalankan aktiviti penghasilan bagi pihak Kerajaan melalui sumber-sumber di bawah kawalan yang dibenarkan.

2.1.2. Punca kuasa bagi MdI melaksanakan tugas dan tanggungjawab ialah daripada Akta dan Perundangan Subsidiari yang dikuatkuasakan olehnya. Antara Akta dan Perundangan Subsidiari yang dikuatkuasakan oleh MdI adalah Akta Kebankrapan 1967, Akta Syarikat 1965, Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969, dan Kaedah-kaedah Penggulungan Syarikat 1972.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan kes kebankrapan dan penggulungan syarikat oleh MdI telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pematuhan undang-undang/ peraturan serta pemantauan terhadap pengurusan kes kebankrapan dan penggulungan syarikat bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan ini telah dijalankan di Ibu Pejabat (Bahagian Kebankrapan dan Bahagian Likuidasi), MdI Negeri Johor, Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Cawangan Taiping.

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan terhadap fail, rekod dan dokumen; penganalisisan data yang berkaitan; testimoni melalui temu bual dan pemeriksaan fizikal terhadap stor/bilik fail MdI.

2.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2011 mendapati bilangan penyelesaian kes dan jumlah pungutan hasil berkaitan pentadbiran hal ehwal insolvensi oleh MdI menunjukkan peningkatan yang ketara dalam tempoh tahun 2009 hingga 2011 kesan daripada pelaksanaan Program Transformasi Organisasi secara menyeluruh yang dilaksanakan mulai bulan April 2009. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati pengurusan kes kebankrapan/ penggulungan syarikat di pejabat yang dilawati kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

i. proses kerja/carta aliran yang tidak dikemas kini dengan peraturan/arahan/norma masa;
ii. kelewatan mengambil tindakan susulan;
iii. latihan pengurusan insolvensi tidak mencukupi bagi meningkatkan kemahiran/ kecekapan pegawai; dan
iv. penyimpanan/penyelenggaraan dokumen/fail kes/stor yang tidak teratur.

Bagaimanapun, MdI telah mengambil tindakan pembetulan/penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran daripada pihak Audit. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang ditemui serta maklum balas MdI adalah seperti di perenggan berikut:

2.5.1. Prestasi Penyelesaian Kes Kebankrapan/Penggulungan Syarikat Dan Pungutan Hasil

2.5.1.1. Bagi mencapai visi untuk menjadi peneraju pengurusan insolvensi melalui pentadbiran, perkhidmatan dan penguatkuasaan yang efisien dan dinamik, MdI melaksanakan Program Transformasi Organisasi secara menyeluruh mulai bulan April 2009. Antara pendekatan yang telah/sedang digunakan dalam pelaksanaan program tersebut adalah penstrukturan, perekayasaan kaedah kerja dan transformasi budaya

kerja. Melalui program tersebut, MdI juga telah menetapkan 4 objektif utama untuk dicapai iaitu memperkukuhkan pentadbiran, perkhidmatan dan penguatkuasaan pengurusan insolvensi; pelaksanaan dan pematuhan undang-undang insolvensi; keupayaan dan kemampuan MdI serta kerjasama dan perkongsian strategik. Bagi mencapai objektif tersebut, MdI telah memperkenalkan beberapa kaedah seperti penentuan *Key Result Area*, petunjuk dan sasaran prestasi utama; penetapan hala tuju strategik MdI untuk 5 tahun ke hadapan; pemantauan melalui Pejabat Pengurusan dan Pemantauan Projek, Mesyuarat Pengarah-pengarah Negeri; mengeluarkan arahan dan pelaporan setiap 2 minggu mengenai isu operasi dan sumber manusia serta Laporan Pencapaian Setiap Suku Tahun.


2.5.1.2. Pihak Audit mendapati setakat akhir bulan Disember 2011, jumlah kes kebankrapan yang masih dalam pentadbiran MdI adalah sebanyak 237,856 kes manakala penggulungan syarikat pula sebanyak 30,871 kes. Bagi kes kebankrapan, terdapat 3 kaedah yang ditetapkan dalam Akta Kebankrapan 1967 untuk melepaskan individu dari kebankrapan iaitu penamatan kes oleh Mahkamah (Seksyen 105), pelepasan oleh Mahkamah (Seksyen 33) dan pelepasan melalui Sijil Pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi (Seksyen 33A). Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, sebanyak 58,840 kes kebankrapan/penggulungan syarikat telah didaftarkan manakala jumlah yang dilepaskan/diselesaikan adalah sebanyak 24,997 kes. Analisis Audit mendapati berlaku peningkatan bagi bilangan kes yang dilepaskan/diselesaikan dari tahun 2009 hingga 2011 kesan daripada Program Transformasi Organisasi yang dilaksanakan seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.1
JUMLAH KES DIDAFTARKAN DAN DILEPASKAN/DISELESAIKAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	DIDAFTAR		KES KEBANKRAPAN DILEPASKAN	KES PENGGULUNGAN SYARIKAT DISELESAIKAN
	KES KEBANKRAPAN	KES PENGGULUNGAN SYARIKAT		
2009	16,447	1,452	4,977	242
2010	18,662	1,572	6,035	1,403
2011	19,167	1,540	10,680	1,660
JUMLAH	**54,276**	**4,564**	**21,692**	**3,305**
JUMLAH KESELURUHAN	**58,840**		**24,997**	

2.5.1.3. Hasil yang dipungut daripada aktiviti pentadbiran kes kebankrapan/ penggulungan syarikat oleh MdI melalui bayaran carian status kebankrapan, fi penghasilan dan pembahagian serta bayaran perkhidmatan lain yang disediakan bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah berjumlah RM111.35 juta. Semakan Audit mendapati pungutan hasil bagi tahun 2009 berjumlah RM28.32 juta telah meningkat kepada RM36.44 juta (28.7%) pada tahun 2010. Manakala bagi tahun 2011 pungutan hasil telah meningkat sejumlah RM10.15 juta (27.9%) kepada RM46.59 juta. Butiran pungutan hasil adalah seperti di carta berikut:

CARTA 2.1
JUMLAH PUNGUTAN HASIL



2.5.2. Perintah Penerimaan Dan Perintah Penghukuman/Perintah Penggulungan Masih Belum Diterima

2.5.2.1. Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman (PP&PP) bagi kes kebankrapan dan Perintah Penggulungan bagi kes penggulungan syarikat adalah dokumen utama dalam pentadbiran kes oleh MdI. PP&PP akan dikeluarkan setelah Mahkamah memutuskan penghukuman kebankrapan. Mengikut Peraturan 156 dan 152 Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969, sebanyak 3 salinan yang dimeterai hendaklah dihantar kepada Ketua Pengarah Insolvensi bagi tujuan menyampaikannya kepada bankrap, simpanan pejabat dan tujuan afidavit.

2.5.2.2. Dalam pentadbiran penggulungan syarikat di bawah Seksyen 217 Akta Syarikat 1965, Ketua Pengarah Insolvensi adalah berperanan sebagai Pegawai Penerima. Perintah Penggulungan akan dikeluarkan setelah Mahkamah memutuskan syarikat digulungkan. Perintah Penggulungan tersebut hendaklah diserahkan kepada Pegawai Penerima oleh pempetisyen dalam tempoh 7 hari dari tarikh perintah tersebut dikeluarkan. Permohonan untuk lantikan pelikuidasi dibuat bersama-sama petisyen penggulungan.

2.5.2.3. Semakan Audit terhadap 596 fail kes kebankrapan dan 92 kes penggulungan syarikat di semua pejabat MdI yang dilawati mendapati PP&PP bagi 304 (51%) kes kebankrapan dan 19 (20.7%) kes penggulungan syarikat masih belum diterima. Oleh itu, pihak MdI tidak dapat melaksanakan tindakan seterusnya seperti merampas harta bankrap/syarikat dan lawat periksa premis tanpa PP&PP/Perintah Penggulungan tersebut. Semakan Audit selanjutnya mendapati surat susulan permohonan PP&PP/ Perintah Penggulungan daripada peguam pemiutang bagi 74 kes kebankrapan dan 19 kes penggulungan syarikat juga tidak dikeluarkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.2
JUMLAH PP&PP/PERINTAH PENGGULUNGAN YANG BELUM DITERIMA

PEJABAT NEGERI/ CAWANGAN	KEBANKRAPAN				PENGGULUNGAN SYARIKAT			
	BIL. FAIL DISEMAK	FAIL TIADA PP&PP		BIL. SURAT SUSULAN TIDAK DIKELUARKAN	BIL. FAIL DISEMAK	FAIL TIADA PERINTAH PENGGULUNGAN		BIL. SURAT SUSULAN TIDAK DIKELUARKAN
		BIL.	(%)			BIL.	(%)	
W.P. Kuala Lumpur	151	27	17.9	27	17	2	11.8	2
Selangor	235	215	91.5	-	32	13	40.6	13
Johor	73	27	37.0	23	17	1	5.9	1
Pulau Pinang	37	12	32.4	10	10	3	30.0	3
Sabah	30	3	10.0	3	5	-	-	-
Melaka	49	12	24.5	8	6	-	-	-
Taiping	21	8	38.1	3	5	-	-	-
JUMLAH	**596**	**304**	**51.0**	**74**	**92**	**19**	**20.7**	**19**

Pada pendapat Audit, salinan PP&PP/Perintah Penggulungan hendaklah disimpan di dalam setiap fail kes yang berkaitan memandangkan ia adalah dokumen utama dalam pengendalian kes kebankrapan dan penggulungan syarikat. Memandangkan pengauditan dijalankan secara pensampelan, MdI perlu menjalankan semakan secara menyeluruh untuk memastikan tindakan susulan diambil terhadap salinan PP&PP/Perintah Penggulungan yang masih belum diterima daripada peguam pemiutang.

Maklum Balas Jabatan Insolvensi Malaysia Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Antara punca PP&PP/Perintah Penggulungan masih belum diterima oleh MdI adalah kerana pihak pempetisyen lewat memfailkan/mengemukakan draf perintah tersebut. Perintah Penerimaan & Perintah Penghukuman/Perintah Penggulungan

akan disimpan sekiranya ia diterima daripada pempetisyen. Berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Kaedah 135 dan 152, Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 pihak mahkamah bertanggungjawab untuk menghantar PP&PP kepada pihak MdI. Satu arahan amalan telah dikeluarkan oleh pihak Mahkamah yang meletakkan tanggungjawab kepada pihak pempetisyen untuk memfailkan atau mengemukakan draf perintah tersebut. Apabila pihak pempetisyen lewat memfailkan/mengemukakan draf perintah tersebut, MdI tidak dapat menyimpan salinan PP&PP/Perintah Penggulungan setiap kes dalam fail berkaitan. Bagaimanapun, selepas teguran Audit, MdI mengambil inisiatif mengeluarkan semua surat susulan bagi 93 kes kebankrapan/penggulungan syarikat.

2.5.3. Kelewatan Pendaftaran Kes Dalam *Case Management System*

2.5.3.1. *Case Management System* (CMS) adalah sistem yang dibangunkan untuk merekodkan maklumat kes kebankrapan/penggulungan syarikat. Setelah perintah penghukuman/penggulungan dibuat, Pegawai Insolvensi perlu mendaftarkan kes dalam CMS, menyediakan faharasat, membuka fail kebankrapan dan memindahkan deposit yang diterima ke dalam lejar estet bankrap.

2.5.3.2. Semakan Audit mendapati MdI tidak menetapkan norma masa yang khusus bagi tujuan merekodkan kes kebankrapan ke dalam CMS. Berdasarkan 596 kes kebankrapan yang disemak, pihak Audit mendapati tempoh masa yang diambil untuk merekodkan 66 (11.1%) kes kebankrapan dalam CMS adalah antara 14 hingga 94 hari dari tarikh PP&PP/Perintah Penggulungan diterima. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.3
TEMPOH LEWAT DIAMBIL UNTUK MENDAFTARKAN KES KEBANKRAPAN DALAM CMS

PEJABAT NEGERI/CAWANGAN	BIL. FAIL	TEMPOH (Hari)
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	24	14 - 94
Selangor	40	14 - 81
Pulau Pinang	1	14
Melaka	1	25
JUMLAH	**66**	**14 - 94**

Pada pendapat Audit, penetapan norma masa terhadap proses ini dapat membantu MdI mengelakkan kelewatan pendaftaran kes di dalam CMS. Sehubungan itu, MdI perlu menjalankan pemantauan yang berkesan untuk memastikan norma masa yang telah ditetapkan oleh MdI dapat dicapai.

Maklum Balas Jabatan Insolvensi Malaysia Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Ketiadaan pegawai khusus untuk mengendalikan CMS serta jumlah kes yang banyak antara punca kelewatan penyediaan faharasat dan pendaftaran kes dalam CMS. Norma masa/proses kerja ini merupakan Key Performance Indicator (KPI) yang sememangnya telah ditetapkan melalui Mesyuarat Pengarah-Pengarah Insolvensi Negeri Bil. 1/2010. Jika keputusan tersebut diterima pada waktu pagi, usaha-usaha untuk mengunci masuk ke dalam CMS dan penghantaran faharasat perlu dibuat pada petang hari yang sama. Jika keputusan diperoleh pada waktu petang penghantaran faharasat perlu diterima tidak lewat daripada 1 tengah hari pada keesokan harinya. Bagaimanapun, selepas teguran audit, norma masa bagi tujuan merekodkan kes di dalam CMS telah dikemaskini di dalam proses kerja/carta aliran.

2.5.4. Norma Masa Pengeluaran Surat Notifikasi Awal Tidak Ditetapkan

2.5.4.1. Proses kerja/carta aliran MdI menetapkan Surat Notifikasi Awal hendaklah dikeluarkan bagi tujuan memaklumkan pihak berkaitan mengenai status kebankrapan dan mendapatkan maklumat berkaitan harta bankrap/syarikat yang digulungkan. Tindakan yang perlu diambil oleh penerima Surat Notifikasi Awal termasuklah membekukan akaun, menyerahkan baki wang kepada MdI, menyekat individu ke luar negara dan menghalang transaksi tanah bankrap. Antara pihak yang dikemukakan Surat Notifikasi Awal adalah peguam pemiutang, Jabatan Pendaftaran Negara, pembekal utiliti (Tenaga Nasional Berhad dan Jabatan Bekalan Air), bank/institusi kewangan, Jabatan Pengangkutan Jalan, Pihak Berkuasa Tempatan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Bagaimanapun, norma masa pengeluaran Surat Notifikasi Awal tidak ditetapkan dalam proses kerja/carta aliran.

2.5.4.2. Semakan Audit terhadap 688 fail kes kebankrapan dan penggulungan syarikat di pejabat yang dilawati mendapati tempoh pengeluaran Surat Notifikasi Awal bagi 438 kes kebankrapan adalah antara 14 hingga 528 hari. Manakala bagi 25 kes penggulungan syarikat adalah antara 14 hingga 162 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.4
TEMPOH DIAMBIL UNTUK MENGELUARKAN SURAT NOTIFIKASI AWAL

PEJABAT NEGERI/CAWANGAN	KEBANKRAPAN		PENGGULUNGAN SYARIKAT	
	BIL. KES	TEMPOH (Hari)	BIL. KES	TEMPOH (Hari)
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	143	15 - 240	12	15 - 162
Selangor	197	16 - 406	8	14 - 142
Johor	31	14 - 528	-	-
Pulau Pinang	26	14 - 358	-	-
Sabah	25	14 - 105	3	18 - 64
Melaka	6	24 - 366	-	-
Taiping	10	14 - 59	2	14 - 36
TEMPOH YANG DIAMBIL	**438**	**14 - 528**	**25**	**14 - 162**

2.5.4.3. Kelewatan pengeluaran Surat Notifikasi Awal akan menyebabkan tindakan membekukan akaun dan menyerahkan wang milik bankrap/syarikat yang ada di bank kepada MdI, menyekat individu daripada ke luar negara dan menyekat sebarang transaksi tanah bankrap tidak dapat dibuat dengan segera.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang berkesan perlu dijalankan bagi memastikan Surat Notifikasi Awal dikeluarkan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan oleh MdI bagi membolehkan tindakan membekukan akaun, menyerahkan segala wang yang ada di bank kepada MdI, menyekat individu daripada ke luar negara dan menyekat sebarang transaksi tanah bankrap dapat dibuat dengan segera oleh pihak yang berkaitan.

Maklum Balas Jabatan Insolvensi Malaysia Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Punca Surat Notifikasi Awal lewat dikeluarkan adalah kerana bilangan agensi yang banyak iaitu antara 10 hingga 15 agensi, jumlah PP&PP/Perintah Penggulungan dikeluarkan purata 40 setiap hari, kekangan masa dan sumber serta pemantauan pengeluaran surat dibuat secara manual. KPI bagi penetapan tempoh pengeluaran Surat Notifikasi Awal telah pun ditetapkan pada Jun 2010 melalui Pekeliling PMO Bil. 1/2010, melalui Mesyuarat Pengarah Bahagian Bil. 1/2010 dan arahan Ketua Pengarah Insolvensi bertarikh 29 Januari 2011

berkenaan KPI zero defects. Kesemua 3 arahan di atas telah menetapkan tempoh masa pengeluaran Surat Notifikasi Awal ialah 3 hari daripada tarikh PP&PP dan Perintah Penggulungan.

2.5.5. Lawat Periksa Ke Premis Tidak Dijalankan

2.5.5.1. Proses kerja/carta aliran MdI menetapkan lawat periksa ke premis perlu dilakukan untuk menentukan sama ada syarikat tersebut masih lagi beroperasi serta mengenal pasti sama ada syarikat mempunyai aset. Semakan Audit yang dijalankan terhadap 92 fail kes penggulungan syarikat mendapati 70 (76.1%) kes tidak dijalankan lawat periksa ke premis syarikat. Oleh itu, pihak MdI tidak dapat mengesahkan sama ada syarikat tersebut masih beroperasi dan mengenal pasti aset yang terdapat di premis. Bagi 22 kes yang telah dibuat lawatan pula, adalah didapati 15 (68.2%) daripadanya dilaksanakan antara 21 hingga 888 hari daripada tarikh Perintah Penggulungan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.5
STATUS LAWAT PERIKSA KE PREMIS

PEJABAT NEGERI/CAWANGAN	KES YANG DILAKUKAN LAWAT PERIKSA KE PREMIS	LAWAT PERIKSA KE PREMIS	
		BIL. KES	TEMPOH (Hari)
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	-	-	-
Selangor	4	3	327 - 888
Johor	1	1	21
Pulau Pinang	5	3	58 - 756
Sabah	5	2	44 - 46
Melaka	2	2	55 - 289
Taiping	5	4	198 - 809
JUMLAH	**22**	**15**	**21 - 888**

Nota: ***(*) Tempoh Diambil Kira Pada Hari Ke 14 Dari Tarikh PP&PP/Perintah Penggulungan Diterima***

Pada pendapat Audit, lawat periksa ke premis perlu dilaksanakan dengan segera supaya pihak MdI dapat mengesahkan sama ada syarikat masih beroperasi dan mempunyai aset sebelum tindakan selanjutnya diambil.

Maklum Balas Jabatan Insolvensi Malaysia Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Punca lawat periksa ke premis lewat/tidak dilaksanakan adalah kerana kekurangan kakitangan, tiada salinan Perintah Penggulungan bermeterai, kekangan pengangkutan dan maklumat/alamat daripada SSM lewat/tidak diperoleh/tidak tepat. Oleh itu, bagi mengelakkan kelewatan lawat periksa ke premis dan untuk memastikan aset serta maklumat syarikat dapat diperoleh dengan segera, tempoh 30 hari daripada tarikh Perintah Penggulungan ditetapkan oleh MdI untuk lawat periksa dijalankan. Lawat periksa hanya boleh diadakan dalam tempoh kurang daripada 30 hari :

(a) bagi cawangan kecil yang tidak mempunyai banyak kes penggulungan syarikat;

(b) jumlah tenaga kerja mencukupi;

(c) bekas pengarah memberi kerjasama membuat pendedahan aset syarikat; dan

(d) mempunyai kemudahan pengangkutan mencukupi.

Selepas teguran Audit, pihak MdI telah melaksanakan lawat periksa ke premis bagi 27 daripada 70 (38.6%) premis manakala 43 kes masih belum dilaksanakan. Bagaimanapun, tarikh cadangan lawat periksa premis berkenaan telah ditetapkan.

2.5.6. Tindakan Tidak Diambil Terhadap Bankrap/Pengarah Syarikat Yang Tidak Hadir Ke MdI

2.5.6.1. Proses kerja/carta aliran Bahagian Kebankrapan/Likuidasi bagi tujuan penyiasatan awal menetapkan Notis Hadir dan PP&PP/Perintah Penggulungan hendaklah diserahkan kepada bankrap/pengarah/pegawai syarikat untuk hadir ke Pejabat MdI bagi menandatangani borang persetujuan bayaran (bankrap) dan menyerahkan Penyata Hal Ehwal (PHE) untuk disempurnakan. Selain itu, proses kerja/carta aliran juga menetapkan sekiranya bankrap/pengarah/pegawai syarikat yang digulungkan tidak hadir selepas 3 cubaan penyerahan Notis Hadir, waran tangkap hendaklah dipohon ke Mahkamah dan diserahkan kepada pihak Polis untuk tujuan pelaksanaan. Arahan Jabatan menetapkan satu buku daftar yang mengandungi butir-butir waran tangkap hendaklah disimpan di kesemua pejabat/cawangan bagi tujuan pemantauan. Bagaimanapun, norma masa pengeluaran Notis Hadir/Surat Peringatan tidak ditetapkan dalam proses kerja/carta aliran.

2.5.6.2. Berdasarkan 759 Notis Hadir yang dihantar bagi 688 kes bankrap/penggulungan syarikat yang diaudit, adalah didapati sebanyak 525 (69.2%) bankrap/pengarah syarikat masih belum hadir ke Pejabat MdI bagi menyerahkan PHE. Semakan Audit selanjutnya mendapati 167 (31.8%) surat peringatan untuk bankrap/pengarah syarikat hadir tidak dikeluarkan bagi kes tersebut. Manakala tempoh pengeluaran Surat Peringatan bagi 277 kes didapati berbeza-beza di setiap pejabat yang dilawati iaitu antara 14 hingga 875 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.6
BILANGAN BANKRAP/PENGARAH SYARIKAT YANG TIDAK HADIR DAN TEMPOH PENGELUARAN SURAT PERINGATAN PERTAMA

PEJABAT NEGERI/CAWANGAN	BIL. NOTIS HADIR	BIL. BANKRAP/ PENGARAH/PEGAWAI SYARIKAT YANG TIDAK HADIR	BIL. SURAT PERINGATAN DIKELUARKAN	TEMPOH PENGELUARAN SURAT PERINGATAN (Hari)
KES KEBANKRAPAN				
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	150	117	86	88 - 812
Selangor	235	194	102	14 - 786
Johor	72	23	10	74 - 875
Pulau Pinang	35	7	6	123 - 825
Sabah	29	13	9	33 - 498
Melaka	49	37	19	16 - 842
Taiping	21	15	2	209 - 631
Jumlah Kecil	**591**	**406**	**234**	**14 - 875**
KES PENGGULUNGAN SYARIKAT				
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	38	26	4	35 - 664
Selangor	54	38	19	31 - 659
Johor	29	20	13	61 - 823
Pulau Pinang	26	19	5	341 - 356
Sabah	7	6	0	TB
Melaka	7	4	2	15
Taiping	7	6	0	TB
Jumlah Kecil	**168**	**119**	**43**	**15 - 823**
JUMLAH KESELURUHAN	**759**	**525**	**277**	**14 - 875**

Maklum Balas Jabatan Insolvensi Malaysia Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Punca utama bankrap/pengarah/pegawai syarikat tidak hadir ke MdI adalah disebabkan petisyen kebankrapan/penggulungan syarikat gagal diserahkan secara kendiri kerana alamat tidak lengkap/terkini; bankrap tidak tahu tentang status kebankrapan, takut, sengaja, berada di luar negara serta masalah pengangkutan. Selain itu, pemantauan juga dilakukan secara manual terhadap 237,856 kes kebankrapan/30,871 kes penggulungan syarikat menyebabkan terdapat Surat Peringatan tidak/lewat dikeluarkan.

2.5.6.3. Semakan Audit juga mendapati tiada maklumat permohonan waran tangkap ke Mahkamah bagi fail kes yang disemak memandangkan bilangan Surat Peringatan yang dihantar masih belum mencapai 3 kali percubaan kendiri kerana 288 Surat Peringatan kedua tidak dikeluarkan setakat tarikh pengauditan dijalankan seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.7
BILANGAN BANKRAP/PENGARAH/PEGAWAI SYARIKAT TIDAK HADIR DAN SURAT PERINGATAN PERTAMA/KEDUA TIDAK DIKELUARKAN

PEJABAT NEGERI/CAWANGAN	BIL. BANKRAP/ PENGARAH/PEGAWAI SYARIKAT TIDAK HADIR	BIL. SURAT PERINGATAN PERTAMA TIDAK DIKELUARKAN	BIL. SURAT PERINGATAN KEDUA TIDAK DIKELUARKAN
KES KEBANKRAPAN			
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	117	29	84
Selangor	194	26	168
Johor	23	12	10
Pulau Pinang	7	1	2
Sabah	13	3	8
Melaka	37	15	6
Taiping	15	12	2
Jumlah Kecil	**406**	**98**	**280**
KES PENGGULUNGAN SYARIKAT			
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	26	20	1
Selangor	38	15	5
Johor	20	6	2
Pulau Pinang	19	14	-
Sabah	6	6	-
Melaka	4	2	-
Taiping	6	6	-
Jumlah Kecil	**119**	**69**	**8**
JUMLAH KESELURUHAN	**525**	**167**	**288**

2.5.6.4. Sekiranya bilangan surat peringatan yang dihantar masih belum mencapai 3 kali percubaan kendiri, tindakan permohonan waran tangkap tidak dapat dilakukan seterusnya akan mewujudkan sikap sambil lewa bankrap atas kebankrapan kerana tiada tindakan tegas dibuat oleh MdI.

Pada pendapat Audit, pematuhan kehadiran oleh bankrap/pengarah/pegawai syarikat ke pejabat MdI pada tarikh yang ditetapkan di dalam Surat Notifikasi Awal adalah di luar kawalan MdI. MdI juga perlu mewujudkan sistem pengawasan terhadap tempoh pengeluaran surat peringatan dan tempoh akhir bankrap/pengarah/pegawai syarikat sepatutnya hadir. Sekiranya bankrap/pengarah/pegawai syarikat masih gagal untuk hadir, tindakan permohonan waran tangkap hendaklah dilakukan selaras dengan proses kerja/carta aliran yang ditetapkan.

Maklum Balas Jabatan Insolvensi Malaysia Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Pihak MdI telah mengambil tindakan mengeluarkan arahan kepada Pegawai Insolvensi yang bertugas di Mahkamah supaya membuat bantahan sekiranya alamat yang dikemukakan oleh pihak pempetisyen bukan merupakan alamat terkini. Selain itu, semakan terhadap sistem ALIS, institusi-institusi kewangan, peguam, LHDN dan KWSP akan dibuat bagi mendapatkan alamat terkini bankrap. MdI juga sedang dalam usaha membangunkan Sistem Insolvensi Bersepadu (INSIST) yang dapat membantu pegawai membuat pemantauan kehadiran bankrap/pengarah syarikat secara sistematik dan berkesan. MdI akan melaksanakan kuasa budi bicara dalam menentukan sama ada tindakan penguatkuasaan diambil terhadap bankrap/pengarah syarikat yang gagal hadir. Norma masa bagi mengeluarkan notis hadir kepada bankrap/pengarah syarikat telah ditetapkan dalam masa 3 hari dari tarikh Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman/Perintah Penggulungan melalui Minit Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri Bil. 1/2010.

2.5.7. Penyata Hal Ehwal (PHE) Masih Belum Difailkan

2.5.7.1. Seksyen 16 (2) Akta Kebankrapan 1967 menetapkan bankrap hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pengarah Insolvensi suatu pernyataan di dalam borang PHE yang mengandungi pelbagai maklumat berkaitan hal ehwal aset dan liabiliti penghutang. Bagi kes kebankrapan, PHE tersebut hendaklah disahkan dengan akuan bersumpah dan diserahkan dalam tempoh 7 hari dari tarikh PP&PP sekiranya petisyen difailkan oleh penghutang dan 21 hari jika difailkan oleh pemiutang. Seksyen 234 Akta Syarikat 1965 pula menetapkan pengarah/pegawai syarikat untuk menyerahkan PHE syarikat kepada Pegawai Penerima dalam tempoh 14 hari selepas ianya diterima. Proses kerja/carta aliran pemfailan PHE menetapkan prosiding komital hendaklah diambil terhadap bankrap/pengarah syarikat sekiranya masih gagal untuk memfailkan PHE dalam tempoh masa yang ditetapkan.

2.5.7.2. Semakan Audit terhadap 688 fail kes kebankrapan dan penggulungan syarikat di semua pejabat yang dilawati mendapati 224 (32.6%) borang perakuan penerimaan PHE telah diakui terima oleh bankrap/pengarah syarikat. Bagaimanapun, hanya 198 (88.4%) PHE dikembalikan semula oleh bankrap/pengarah syarikat manakala 26 (11.6%) PHE masih belum diserahkan. Pihak Audit juga mendapati surat peringatan/aduan kepada SSM tidak dikeluarkan/dibuat bagi 20 (76.9%) daripada 26 fail kes kebankrapan/penggulungan syarikat untuk mengemukakan PHE. Ini akan menyebabkan MdI tidak dapat melakukan tindakan seterusnya iaitu permohonan waran tangkap dan tempoh pentadbiran kes akan melibatkan masa yang lama. Bagi PHE yang dikembalikan pula, sebanyak 26 (13.1%) PHE diterima melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu antara 15 hingga 700 hari. Butiran mengenai bilangan fail kes di mana borang PHE tidak/lewat diterima adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.8
PHE TIDAK DIKEMBALIKAN/LEWAT DITERIMA
BAGI KES KEBANKRAPAN DAN PENGGULUNGAN SYARIKAT

PEJABAT NEGERI/CAWANGAN	BIL. PHE DISERAHKAN	BIL. PHE TIDAK DIKEMBALIKAN	BIL. PHE LEWAT DIKEMBALIKAN	TEMPOH LEWAT MENGEMBALIKAN PHE (Hari*)
KES KEBANKRAPAN				
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	34	3	4	21 - 354
Selangor	41	3	6	25 - 325
Johor	47	3	2	17 - 700

PEJABAT NEGERI/CAWANGAN	BIL. PHE DISERAHKAN	BIL. PHE TIDAK DIKEMBALIKAN	BIL. PHE LEWAT DIKEMBALIKAN	TEMPOH LEWAT MENGEMBALIKAN PHE (Hari*)
Pulau Pinang	29	-	1	42
Sabah	15	1	2	180 - 247
Melaka	12	0	3	42 - 435
Taiping	5	-	1	106
JUMLAH KECIL	**183**	**10**	**19**	**17 - 700**
KES PENGGULUNGAN SYARIKAT				
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	8	6	-	TB*
Selangor	14	3	5	15 - 128
Johor	5	2	2	51 - 504
Pulau Pinang	5	3	-	TB
Sabah	1	-	-	TB
Melaka	4	1	-	TB
Taiping	4	1	-	TB
JUMLAH KECIL	**41**	**16**	**7**	**15 - 504**
JUMLAH KESELURUHAN	**224**	**26**	**26**	**15 - 700**

Nota: ***(*) - Tempoh Diambil Kira Pada Hari Ke 35 (Bankrap)/28 (Pengarah/Pegawai Syarikat) Dari Tarikh PHE Diserahkan***
TB - Tidak Berkaitan

Pada pendapat Audit, salinan surat peringatan hendaklah disimpan dengan lengkap di dalam setiap fail kes yang berkaitan dan mewujudkan sistem pengawasan terhadap tempoh pengeluaran surat peringatan dan tempoh akhir bankrap/pengarah syarikat sepatutnya menyerahkan PHE. Prosiding komital hendaklah diambil terhadap bankrap/pengarah syarikat sekiranya masih gagal menyerahkan PHE.

Maklum Balas Jabatan Insolvensi Malaysia Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Pihak MdI telah mengambil tindakan sejak tahun 2009 lagi dengan mengadakan kerjasama dengan stakeholders/agensi penguatkuasa untuk meningkatkan kesedaran awam tentang undang-undang insolvensi melalui Engagement Forum, Outreach Programme dan promosi (media elektronik dan cetak). Selain itu, MdI juga telah mengambil tindakan untuk mengeluarkan Surat Peringatan kepada bankrap/pengarah dan membuat aduan kepada SSM untuk tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 234 Akta Syarikat 1965. Pembangunan INSIST yang sedang dilaksanakan juga mengambil kira aspek pemantauan ke atas pemfailan PHE oleh bankrap/pengarah syarikat. Selain itu, norma masa pengeluaran Notis Hadir/surat peringatan telah ditetapkan di dalam proses kerja/carta aliran.

2.5.8. Pemantauan Bayaran Ansuran Bulanan

2.5.8.1. Bayaran ansuran bulanan bankrap merupakan salah satu inisiatif/kaedah dalam menyelesaikan hutang bankrap. Keadaan ini berlaku sekiranya bankrap tidak mempunyai sebarang harta yang dapat dihasilkan untuk tujuan pembayaran hutang. Seksyen 57, Akta Kebankrapan 1967 telah menetapkan sebahagian gaji yang diterima hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi sebagaimana arahan Mahkamah. Peraturan 55(1), Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969 juga menetapkan suatu perintah ambil guna (ansuran bulanan) hendaklah diberi notis kepada bankrap dan bankrap hendaklah bersetuju dengan menandatangani borang yang ditetapkan bagi tujuan tersebut. Pematuhan bayaran ansuran bulanan oleh bankrap akan dipantau oleh pegawai yang bertanggungjawab dengan menyemak maklumat bayaran yang dibuat oleh bankrap melalui CMS. Arahan Jabatan (Kebankrapan) pula menetapkan sekiranya

bankrap gagal untuk membuat bayaran ansuran bagi 3 bulan, pegawai yang bertanggungjawab hendaklah mengeluarkan Notis Amaran Tunggakan kepada bankrap tersebut. Prosiding komital juga hendaklah diambil sekiranya bankrap masih gagal menjelaskan tunggakan bayaran ansuran tersebut dalam tempoh 14 hari dari tarikh Notis Amaran Tunggakan dikeluarkan.

2.5.8.2. Semakan Audit terhadap 191 lejar estet bankrap mendapati 76 (39.8%) lejar estet mempunyai tunggakan berjumlah RM115,310. Daripada bilangan lejar estet bankrap yang tertunggak tersebut, sebanyak 27 kes tidak diberikan Notis Amaran Tunggakan. Manakala bagi 33 kes di mana Notis Amaran Tunggakan diberikan pula didapati notis tersebut lewat dikeluarkan antara 1 hingga 26 bulan seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.9
BILANGAN KES NOTIS AMARAN TUNGGAKAN ANSURAN
BULANAN TIDAK/LEWAT DIKELUARKAN

PEJABAT MDI NEGERI/CAWANGAN	BIL. KES TUNGGAKAN ANSURAN	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	BIL. NOTIS TIDAK DIKELUARKAN	BIL. NOTIS LEWAT DIKELUARKAN	TEMPOH NOTIS DIKELUARKAN (Bulan)
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	12	9,500	7	3	2 - 12
Selangor	20	37,100	-	9	4 - 15
Johor	20	38,430	13	7	3 - 23
Pulau Pinang	10	20,760	1	8	2 - 26
Sabah	4	3,700	2	2	5 - 16
Melaka	8	4,020	3	4	1 - 22
Taiping	2	1,800	1	-	-
JUMLAH	**76**	**115,310**	**27**	**33**	**1 - 26**

2.5.8.3. Kelewatan pengeluaran notis menyebabkan tindakan seterusnya tidak dapat diambil terhadap bankrap dan jumlah tunggakan ansuran bertambah. Oleh itu, bankrap akan menghadapi kesukaran untuk menjelaskan jumlah tunggakan dalam tempoh yang ditetapkan.

Maklum Balas Jabatan Insolvensi Malaysia Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Pemantauan bayaran ansuran bulanan dilakukan secara manual menyebabkan tindakan mengeluarkan Notis Amaran Tunggakan lewat dibuat. Bagaimanapun, selepas teguran Audit, MdI telah mengambil tindakan mengeluarkan Notis Amaran Tunggakan bagi 26 daripada 27 (96.3%) kes.

2.5.8.4. Semakan Audit selanjutnya mendapati Notis Amaran Tunggakan yang dikeluarkan bagi 10 kes telah tamat tempoh, namun prosiding komital masih belum dimulakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.10
BILANGAN KES PROSIDING KOMITAL TIDAK DIAMBIL TERHADAP BANKRAP

PEJABAT MDI NEGERI/CAWANGAN	PROSIDING KOMITAL BELUM DIMULAKAN (Bil. Kes)
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1
Selangor	6
Johor	-
Pulau Pinang	2
Sabah	-
Melaka	1
Taiping	-
JUMLAH	**10**

Pada pendapat Audit, pemantauan bayaran ansuran bulanan yang berkesan perlu dilakukan bagi memastikan tiada tunggakan melebihi 3 bulan berlaku. Notis Amaran Tunggakan perlu diberikan segera demi mengelakkan jumlah tunggakan bertambah dan menyebabkan bankrap sukar untuk menjelaskannya dalam tempoh 14 hari daripada tarikh notis diberikan. Selain itu, prosiding komital juga boleh dimulakan sekiranya pengeluaran notis mematuhi tempoh yang ditetapkan.

2.5.9. Proses Penzahiran Dan Penghasilan Harta Yang Tidak Teratur

2.5.9.1. Seksyen 24 (4) Akta Kebankrapan 1967 menetapkan harta seorang penghutang yang telah dijatuhkan hukuman bankrap hendaklah terletak hak dengan Pegawai Pemegang Harta. Manakala Seksyen 27 (2) Akta berkenaan mewajibkan penghutang untuk memberikan maklumat berhubung pemilikan harta, senarai pemiutang/penghutang, melaksanakan tanggungjawab membuat semua tindakan dan perkara tertentu berhubung dengan hartanya dan pembahagian hasilnya di antara pemiutang sebagaimana yang diperlukan secara munasabah oleh Pegawai Pemegang Harta.

2.5.9.2. Bagi kes penggulungan syarikat pula, Seksyen 233(1) Akta Syarikat 1965 menetapkan apabila suatu Perintah Penggulungan telah dibuat atau pelikuidasi/ pelikuidasi sementara telah dilantik, semua harta/benda dalam tindakan hak syarikat adalah di bawah kawalan pelikuidasi/pelikuidasi sementara tersebut.

2.5.9.3. Bagi melaksanakan tanggungjawab ini, harta alih atau harta tidak alih bankrap/syarikat akan dizahirkan/dikenal pasti oleh MdI bagi tujuan penghasilan harta untuk diagihkan kepada pemiutang-pemiutangnya. Berdasarkan proses kerja/carta aliran yang disemak, penzahiran harta bankrap/syarikat adalah berdasarkan maklumat harta yang diperolehi daripada PHE dan maklumat pihak tertentu seperti bank/institusi kewangan, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Pihak Berkuasa Tempatan. Semakan Audit terhadap proses penzahiran dan penghasilan harta mendapati perkara seperti berikut:

a. Penerimaan Maklum Balas Pihak Berkaitan

i. Sebanyak 2,490 surat permohonan maklum balas berkaitan pemilikan harta bankrap/syarikat telah dihantar bagi 688 fail kes di kesemua pejabat yang dilawati. Daripada jumlah permohonan tersebut, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada jawapan/maklum balas telah diterima atau tidak bagi 2,166 (87%) surat permohonan maklum balas yang telah dihantar memandangkan tiada maklumat jawapan dapat disemak di dalam fail kes. Oleh itu, MdI tidak dapat memastikan sama ada bankrap/syarikat memiliki harta yang boleh dihasilkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.11
MAKLUM BALAS KES KEBANKRAPAN DAN PENGGULUNGAN SYARIKAT TIDAK DITERIMA/TIDAK DISIMPAN DALAM FAIL

PEJABAT NEGERI/CAWANGAN	BIL. PERMOHONAN MAKLUM BALAS DIKELUARKAN	JAWAPAN TIDAK DITERIMA/ TIDAK DISIMPAN DALAM FAIL	
		BIL.	(%)
KES KEBANKRAPAN			
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	460	437	95.0
Selangor	560	552	98.6
Johor	353	291	82.4
Pulau Pinang	168	140	83.3

PEJABAT NEGERI/CAWANGAN	BIL. PERMOHONAN MAKLUM BALAS DIKELUARKAN	JAWAPAN TIDAK DITERIMA/ TIDAK DISIMPAN DALAM FAIL	
		BIL.	(%)
Sabah	113	86	76.1
Melaka	210	197	93.8
Taiping	72	58	80.6
Jumlah Kecil	**1,936**	**1,761**	**91.0**
KES PENGGULUNGAN SYARIKAT			
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	92	86	93.5
Selangor	178	137	77.0
Johor	99	71	71.7
Pulau Pinang	74	47	63.5
Sabah	43	18	41.9
Melaka	44	27	61.4
Taiping	24	19	79.2
Jumlah Kecil	**554**	**405**	**73.1**
JUMLAH KESELURUHAN	**2,490**	**2,166**	**87.0**

Maklum Balas Jabatan Insolvensi Malaysia Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Jawapan daripada kebanyakan agensi yang telah diberikan Surat Notifikasi Awal tidak diterima.

b. Penyerahan Maklumat Oleh Bank/Institusi Kewangan

i. Semakan Audit terhadap 688 fail kes kebankrapan/penggulungan syarikat mendapati surat makluman kepada semua bank/institusi kewangan yang beroperasi di Malaysia mengenai tanggungjawab Ketua Pengarah Insolvensi/ pelikuidasi sebagai pentadbir harta/tanggungan bankrap/syarikat telah dikeluarkan kecuali sebanyak 24 fail kes di Cawangan Taiping. Surat makluman tersebut juga bertujuan untuk mengarahkan pihak bank/institusi kewangan menyerahkan maklumat mengenai akaun dan baki kredit berserta penyata kira-kira akaun bankrap/syarikat sekiranya mempunyai deposit/akaun. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada setiap bank/ institusi kewangan tersebut telah memberikan jawapan dan menyerahkan baki kredit yang sepatutnya kepada MdI memandangkan tiada rekod penerimaan/ surat jawapan disimpan di dalam fail kes. Pihak Audit juga mendapati tiada sistem pemantauan diwujudkan untuk memantau jawapan/maklum balas dari semua bank/institusi kewangan tersebut.

ii. Semakan Audit terhadap CMS mendapati sebanyak 136 (20.5%) daripada 664 fail kes yang telah dihantar surat makluman mempunyai baki kredit akaun di bank/institusi kewangan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menjalankan semakan silang antara rekod CMS dengan dokumen/penyata kira-kira bank bagi 136 kes berkenaan memandangkan ianya tidak disimpan dalam fail kes. Kesannya, pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan baki yang telah direkodkan dalam CMS. Bilangan kes yang mempunyai baki kredit bank/institusi kewangan tetapi tiada dokumen/penyata kira-kira bank adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.12
BILANGAN KES YANG MEMPUNYAI BAKI KREDIT BANK/INSTITUSI KEWANGAN DALAM CMS TETAPI TIADA DOKUMEN/PENYATA KIRA-KIRA BANK

PEJABAT NEGERI/CAWANGAN	BIL. FAIL	
	KES KEBANKRAPAN	KES PENGGULUNGAN SYARIKAT
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	24	3
Selangor	13	9
Johor	37	3
Pulau Pinang	3	1
Sabah	18	1
Melaka	16	2
Taiping	5	1
Jumlah	**116**	**20**
JUMLAH KESELURUHAN	**136**	

Pada pendapat Audit, satu mekanisme pemantauan hendaklah diwujudkan bagi memastikan jawapan/maklum balas daripada pihak bank/institusi kewangan diterima dan direkodkan dengan lengkap di semua pejabat MdI.

Maklum Balas Jabatan Insolvensi Malaysia Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Arahan supaya semua dokumen berkaitan penyata kira-kira bank/cek yang diterima disalinkan dan dimasukkan ke dalam fail kes juga telah dikeluarkan. Semakan terhadap baki akaun bankrap yang diserahkan oleh mana-mana bank/institusi kewangan boleh disemak di lejar estet yang merekodkan segala kemasukan atau pengeluaran wang daripada estet kebankrapan.

2.5.10. Bukti Hutang Tidak/Lewat Diperakukan

2.5.10.1. Seksyen 62 Akta Kebankrapan 1967 menetapkan hasil daripada pelupusan harta atau bayaran ansuran bankrap yang diterima akan diagihkan sebagai dividen kepada pemiutang yang telah diperakukan bukti hutangnya (POD). Manakala Seksyen 42 (Jadual C) memperuntukkan kaedah-kaedah pembuktian hutang, hak bukti oleh pemiutang bercagar dan pengakuan/penolakan berhubung bukti hutang. Bagi kes penggulungan syarikat, POD hendaklah difailkan ke MdI selaras dengan peruntukan Seksyen 291 Akta Syarikat 1965. Berdasarkan proses kerja/carta aliran, MdI akan menerima Borang POD berserta dokumen sokongan yang sah daripada pemiutang untuk disemak dan diperakukan. Notis Perakuan/Penolakan POD juga akan dihantar kepada pemiutang oleh MdI. Arahan Jabatan menetapkan tempoh perakuan atau penolakan POD mesti dilakukan dalam masa 14 hari daripada tarikh penerimaan Borang POD tersebut.

2.5.10.2. Daripada 688 fail kes kebankrapan/penggulungan syarikat, sebanyak 348 (50.6%) fail kes mempunyai sebanyak 485 POD. Semakan Audit mendapati 227 (46.8%) POD yang diterima antara 27 hingga 1,979 hari masih belum diperakukan. Ini akan menyebabkan bilangan POD yang perlu diperakukan semakin bertambah. Manakala bagi 212 POD pula lewat diperakukan antara 18 hingga 941 hari. Bagi kes yang boleh diisytiharkan dividen, kelewatan memperakukan POD akan menyebabkan proses pembayaran dividen lewat dibuat dan seterusnya menyebabkan pentadbiran kes menjadi lebih lama. Butiran POD yang tidak/lewat diperakukan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.13
POD YANG TIDAK/LEWAT DIPERAKUKAN

PEJABAT NEGERI/ CAWANGAN	BIL. FAIL YANG MEMPUNYAI POD	BIL. POD DITERIMA	BIL. POD BELUM DIPERAKU	TEMPOH TIDAK DIPERAKUKAN (Hari*)	BIL. POD YANG LEWAT DIPERAKU	KELEWATAN UNTUK MEMPERAKUKAN POD (Hari*)
KES KEBANKRAPAN						
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	95	125	-	-	123	35 - 910
Selangor	98	127	119	210 - 1,979	6	83 - 745
Johor	45	76	55	266 - 1,017	10	134 - 792
Pulau Pinang	25	29	2	406 - 598	21	45 - 794
Sabah	20	30	19	206 - 980	8	120 - 941
Melaka	22	24	8	247 - 669	12	18 - 693
Taiping	13	24	9	224 - 880	11	27 - 776
Jumlah Kecil	**318**	**435**	**212**	**206 - 1,979**	**191**	**18 - 941**
KES PENGGULUNGAN SYARIKAT						
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	3	7	7	406 - 935	-	-
Selangor	5	14	5	27 - 736	8	48 - 442
Johor	9	12	-	-	9	80 - 791
Pulau Pinang	7	9	1	248	4	103 - 315
Sabah	1	1	-	-	-	-
Melaka	2	4	1	531	1	352
Taiping	3	3	1	682	-	-
Jumlah Kecil	**30**	**50**	**15**	**27 - 935**	**22**	**48 - 791**
JUMLAH KESELURUHAN	**348**	**485**	**227**	**27 - 1,979**	**212**	**18 - 941**

Nota: ***(*) - Tempoh Tidak Diperakukan Dikira Dari Tarikh POD Diterima Sehingga 19 Disember 2011***
Kelewatan Dikira Mulai Hari Ke 28 Daripada Tarikh POD Diterima

Pada pendapat Audit, POD yang diterima perlu diperakukan dalam tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan bilangan POD semakin bertambah dan mengelakkan kelewatan proses pembayaran dividen.

Maklum Balas Jabatan Insolvensi Malaysia Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Antara punca POD tidak/lewat diperakukan adalah pegawai yang terlibat masih belum mahir dan kompeten, terdapat tuntutan yang masih belum selesai dan dalam tindakan Mahkamah serta bilangan POD yang terlalu banyak. Bagaimanapun selepas teguran Audit, MdI telah memperakukan 213 (93.8%) POD dan surat permohonan melengkapkan dokumen telah dikeluarkan bagi 14 (6.2%) POD. KPI 14 hari sememangnya telah ditetapkan semenjak tahun 2010, namun tidak dinafikan budaya mengikut KPI masih belum difahami sepenuhnya terutamanya pada kumpulan Pelaksana. Jika POD masih tidak lengkap, POD tersebut akan ditolak dan pemiutang perlu mengisi semula permohonan.

2.5.11. Tempoh Yang Lama Bagi Pentadbiran Kes Penggulungan Syarikat

2.5.11.1. Seksyen 239 Akta Syarikat 1965 menetapkan apabila pelikuidasi telah menghasilkan semua harta syarikat dan telah membahagikan dividen terakhir jika ada kepada pemiutang dan wang lebihan telah dikembalikan kepada penyumbang dan sebarang wang yang tidak dituntut dibayar kepada akaun penggulungan syarikat. Pelikuidasi boleh memohon untuk mendapatkan suatu perintah Mahkamah supaya ia dilepaskan dan syarikat itu dibubarkan.

2.5.11.2. Semakan Audit mendapati norma masa bagi penyelesaian kes penggulungan syarikat bermula daripada proses penzahiran harta hingga pelepasan dan pembubaran tanggungjawab pelikuidasi tidak ditetapkan dalam proses kerja/carta aliran yang disediakan. Bagaimanapun, berdasarkan maklum balas MdI, tempoh yang dianggarkan bagi proses tersebut bermula pada tahun 2010 adalah antara 6 hingga 30 bulan bergantung kepada tahap kerumitan (sama ada tidak/sederhana/sangat rumit). Anggaran tempoh masa bagi pentadbiran kes penggulungan syarikat sehingga pelepasan/pembubaran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.14
ANGGARAN TEMPOH MASA BAGI PENTADBIRAN
KES PENGGULUNGAN SYARIKAT SEHINGGA PELEPASAN/PEMBUBARAN

PROSES UTAMA	ANGGARAN TEMPOH MASA (Bulan)		
	TIDAK RUMIT	SEDERHANA RUMIT	RUMIT
Penzahiran	4	4	4
Penghasilan	-	7	7
Pengagihan	-	4	4
Pelepasan Dan Pembubaran	2	3	3
Lain-Lain Isu Berbangkit	-	-	12
ANGGARAN TEMPOH MASA KESELURUHAN (Bulan)	**6**	**18**	**30**

2.5.11.3. Semakan Audit terhadap 31 fail kes penggulungan syarikat yang didaftarkan pada tahun 2010 di pejabat yang dilawati mendapati tempoh pentadbiran kes adalah antara 6 hingga 18 bulan dan syarikat masih belum dibubarkan. Pihak Audit tidak dapat memastikan tahap kerumitan kes tersebut memandangkan tiada maklumat tahap kerumitan kes dicatat pada fail kes. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap kandungan fail tersebut mendapati kes tersebut menunjukkan syarikat tidak mempunyai harta untuk dihasilkan dan sepatutnya dikategorikan sebagai kes yang tidak rumit di mana ia sepatutnya boleh diselesaikan dalam tempoh 6 bulan sahaja. Butiran terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.15
BILANGAN SYARIKAT YANG MASIH BELUM DIBUBARKAN

PEJABAT NEGERI/CAWANGAN	BIL. KES	TEMPOH PENTADBIRAN (Bulan)
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	7	6 - 18
Selangor	12	11 - 17
Johor	5	8 - 18
Pulau Pinang	3	8 - 13
Sabah	2	7
Melaka	1	8
Taiping	1	10
JUMLAH	**31**	**6 - 18**

Pada pendapat Audit, MdI hendaklah mentakrifkan dengan lebih jelas kes penggulungan syarikat yang dikategorikan sebagai tidak rumit, sederhana rumit dan rumit. Selain itu, MdI juga perlu menetapkan norma masa pentadbiran kes penggulungan syarikat secara keseluruhannya bagi tujuan penyeliaan dan pemantauan.

Maklum Balas Jabatan Insolvensi Malaysia Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

MdI telah mengeluarkan arahan terperinci kepada Cawangan tentang prosedur untuk mengkategorikan kes mengikut kerumitan melalui surat Jabatan bertarikh 19 Julai 2010. MdI telah mentakrifkan dengan lebih jelas kes penggulungan

syarikat yang dikategorikan sebagai tidak rumit, sederhana rumit dan rumit. Selain itu, MdI juga telah menetapkan norma masa pentadbiran kes penggulungan syarikat secara keseluruhannya bagi tujuan penyeliaan dan pemantauan.

2.5.12. Prosedur Pelepasan Di Bawah Seksyen 33A Akta Kebankrapan 1967 Tidak Dipatuhi

2.5.12.1. Seksyen 33A Akta Kebankrapan 1967 menetapkan kuasa kepada Ketua Pengarah Insolvensi untuk memberi pelepasan kepada seseorang bankrap mengikut budi bicaranya melalui Sijil Pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi (Sijil Pelepasan KPI). Melalui peruntukan undang-undang ini, kes-kes yang dorman sekurang-kurangnya 5 tahun di mana bankrap tidak boleh dikesan dan pentadbiran kes selanjutnya tidak akan mendatangkan apa-apa faedah adalah dibenarkan untuk dilepaskan. Bagaimanapun, pelepasan tersebut adalah tertakluk di bawah Seksyen 33B yang mensyaratkan tiada bantahan oleh pemiutang terhadap tindakan Ketua Pengarah Insolvensi dalam tempoh yang ditetapkan. Sebanyak 14,998 kes bankrap telah dilepaskan di bawah Seksyen 33A sepanjang tempoh tahun 2009 hingga 2011. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.16
BILANGAN BANKRAP YANG DILEPASKAN BAGI TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	BIL. PELEPASAN
2009	3,109
2010	3,501
2011	8,388
JUMLAH	**14,998**

2.5.12.2. Semakan Audit telah dijalankan ke atas 160 sampel kes yang diberi pelepasan sepanjang tahun 2009 hingga 2011 dan mendapati perkara seperti berikut:

a. Pematuhan Seksyen 33A(3) Akta Kebankrapan 1967

i. Menurut Seksyen 33A(3) Akta Kebankrapan 1967, bagi tiap-tiap pelepasan melalui Sijil Pelepasan KPI, satu Notis Pelepasan hendaklah diberikan kepada Pendaftar Mahkamah. Arahan Jabatan telah menetapkan Notis Pelepasan hendaklah diberikan kepada Pendaftar Mahkamah dalam tempoh 3 hari setelah Sijil Pelepasan KPI dikeluarkan. Bagaimanapun, Notis Pelepasan bagi 35 (21.9%) daripada 160 kes yang telah diberikan pelepasan masih belum dikemukakan kepada Pendaftar Mahkamah. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.17
NOTIS PELEPASAN TIDAK DIKEMUKAKAN KEPADA PENDAFTAR MAHKAMAH

PEJABAT NEGERI/CAWANGAN	BIL. KES
Selangor	14
Pulau Pinang	7
Sabah	13
Taiping	1
JUMLAH	**35**

Maklum Balas Jabatan Insolvensi Malaysia Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Selepas teguran Audit, Notis Pelepasan telah dihantar kepada Pendaftar Mahkamah bagi 33 (94.3%) kes. Bagi 2 kes lagi Notis Pelepasan kepada Pendaftar Mahkamah tidak dihantar kerana bankrap masih belum dilepaskan.

ii. Seksyen 33A (3) juga menetapkan tanggungjawab Ketua Pengarah Insolvensi untuk mengiklankan Notis Pelepasan di dalam akhbar tempatan. Menurut Arahan Jabatan, sesalinan surat yang menyertakan notis iklan hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat bagi tujuan makluman. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Notis Pelepasan bagi 42 (26.3%) kes tidak diiklankan seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.18
NOTIS PELEPASAN TIDAK DIIKLANKAN

PEJABAT NEGERI/CAWANGAN	BIL. KES
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	8
Selangor	8
Pulau Pinang	3
Sabah	16
Melaka	5
Taiping	2
JUMLAH	**42**

Maklum Balas Jabatan Insolvensi Malaysia Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Notis Pelepasan bagi 41 kes telah diiklankan sepenuhnya. Bagi baki 1 kes, tindakan pengiklanan tidak dibuat kerana bankrap tersebut belum dilepaskan.

b. Pelepasan KPI Daripada Liabiliti Berkenaan Pentadbiran Hal Ehwal Bankrap

Seksyen 82 Akta Kebankrapan 1967 menetapkan suatu laporan (Penyata Akaun Estet) atas akaun-akaun berhubung bankrap yang dilepaskan hendaklah disediakan bagi tujuan mendapatkan perintah Mahkamah untuk melepaskan KPI daripada semua liabiliti berkenaan pentadbiran hal ehwal bankrap. Berdasarkan proses kerja/carta aliran sedia ada bagi pelepasan di bawah Seksyen 33A, fail kes bankrap yang telah diberikan pelepasan hendaklah diserahkan ke Unit Akaun bagi tujuan penyediaan Penyata Akaun Estet. Bagaimanapun, proses kerja/carta aliran selepas penyediaan Penyata Akaun Estet oleh Unit Akaun tidak disediakan. Pihak Audit juga mendapati 116 (72.5%) daripada 160 fail kes bankrap yang telah dilepaskan masih belum dikemukakan ke Unit Akaun untuk tindakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.19
KES PELEPASAN YANG MASIH BELUM DIKEMUKAKAN KE UNIT AKAUN UNTUK TINDAKAN PENYEDIAAN PENYATA AKAUN ESTET

PEJABAT NEGERI/CAWANGAN	BIL. KES
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	14
Selangor	25
Johor	23
Pulau Pinang	14
Sabah	25
Melaka	11
Taiping	4
JUMLAH	**116**

Pada pendapat Audit, MdI perlu memastikan notis bagi kes pelepasan dikemukakan kepada Pendaftar Mahkamah dan diiklankan serta Penyata Akaun Estet disediakan di semua pejabat MdI.

2.5.13. Perancangan Latihan Tidak Dilaksanakan

2.5.13.1. Bagi memastikan bahawa setiap kakitangan MdI mempunyai kemahiran dan kompeten dalam menjalankan tugas, pelbagai latihan khususnya yang berkaitan dengan tugas mentadbir kes hendaklah dirancang dan dilaksanakan. Dalam Laporan Suku Tahun Pertama 2011 mengenai prestasi latihan kakitangan MdI, tumpuan diberikan kepada peningkatan tahap kompetensi kakitangan MdI terutamanya dalam bidang spesifik mengenai insolvensi, kepimpinan dan ekonomi. Selain itu, tumpuan juga diberikan kepada objektif untuk melahirkan ramai pegawai kompeten dalam MdI.

2.5.13.2. Semakan Audit telah dijalankan ke atas rekod kursus/latihan yang telah dilaksanakan dan dihadiri oleh kakitangan MdI khususnya bagi jawatan Pegawai Insolvensi mendapati hanya 9 (36%) daripada 25 kursus yang dirancang bagi tahun 2009 hingga 2011 telah dilaksanakan. Bagaimanapun, 3 kursus berkaitan insolvensi juga telah diadakan sungguhpun tiada dalam perancangan asal pada tahun 2011. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.20
BILANGAN KURSUS DIRANCANG DAN DILAKSANAKAN

TAHUN	RANCANG	LAKSANA
2009	10	5
2010	8	3
2011	7	1*
JUMLAH	**25**	**9**

Nota : ***(*) - Tidak Termasuk 3 Kursus Yang Tiada Dalam Perancangan***

2.5.13.3. Antara kursus/latihan yang diadakan pada tahun 2009 adalah Kursus Kewangan dan Perakaunan serta Kursus Pengenalan Kepada Hal Ehwal Dalam Perkhidmatan. Manakala, bagi kursus yang telah dirancang tetapi tidak dilaksanakan pula adalah Kursus Pengendalian Kes Kebankrapan dan Kursus Pendakwaan. Bagi tahun 2010, kursus yang telah dilaksanakan iaitu Kursus Asas MdI, Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo Berkualiti serta Kursus Tatacara Pengurusan Aset Alih.

2.5.13.4. Bagi tahun 2011 pula, satu kursus yang dilaksanakan adalah Bengkel Pendakwaan yang dihadiri oleh seramai 34 orang peserta. Bagi kursus yang telah dirancang tetapi masih belum dilaksanakan adalah kursus yang berkaitan dengan kebankrapan, likuidasi, perundangan, penyiasatan, perakaunan dan khidmat pengurusan. Semakan Audit mendapati kursus/latihan spesifik yang melibatkan aktiviti pengurusan kes kebankrapan/penggulungan syarikat masih kurang diadakan. Ini menyebabkan kemahiran dan kompetensi kakitangan masih tidak menepati tahap yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat Pejabat Negeri/Cawangan mengambil inisiatif untuk mengadakan latihan dalaman bagi membincangkan secara khusus topik yang berkaitan dengan pengurusan kes kebankrapan/penggulungan syarikat untuk memahirkan Pegawai Insolvensi mengenai proses kerja/carta aliran yang perlu dipatuhi.

Maklum Balas Jabatan Insolvensi Malaysia Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Kekangan peruntukan merupakan punca utama 16 daripada 25 kursus yang dirancang pada tahun 2009, 2010 dan 2011 tidak dapat dilaksanakan. Bagaimanapun, MdI telah mengambil inisiatif dengan mengadakan latihan/kursus dengan kerjasama Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). Selain itu, melalui perbincangan dengan pihak Kementerian Kewangan, MdI telah berjaya mendapatkan peruntukan kewangan bagi latihan sebanyak RM200,000 bagi tahun 2012 dan MdI telah mengatur perancangan kursus yang efektif untuk dilaksanakan. Antara kursus yang dirancang ialah kursus berkenaan pengurusan perniagaan serta Money and Asset Trailing.

Pada pendapat Audit, MdI hendaklah meningkatkan bilangan kursus yang spesifik mengenai pengurusan kes kebankrapan/penggulungan syarikat bagi meningkatkan kemahiran dan kompetensi pegawai dan kakitangan.

2.5.14. Pengurusan Fail/Dokumen Kes Yang Tidak Teratur

2.5.14.1. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 berkenaan Panduan Pengurusan Pejabat antaranya menetapkan setiap fail mestilah mengandungi kertas minit, kandungan surat dan dokumen lampiran yang disusun mengikut tarikh transaksi. Fail perlu disimpan di Bilik Rekod dengan menggunakan rak yang sesuai dan disusun mengikut nombor rujukan. Setiap rak pula hendaklah dilabelkan bagi memudahkan pengesanan fail. Bagi tujuan pelupusan fail, jabatan dan agensi hendaklah mendapatkan nasihat Jabatan Arkib Negara sebelum melaksanakan pelupusan fail. Bagi dokumen syarikat yang digulungkan, Seksyen 284(2) Akta Syarikat 1965 menetapkan pelikuidasi hendaklah menyimpan buku dan kertas untuk rujukan untuk tempoh 5 tahun dari tarikh pembubaran syarikat dan selepas 5 tahun buku dan kertas tersebut boleh dimusnahkan.

2.5.14.2. Semakan Audit di pejabat yang dilawati mendapati bilik penyimpanan fail tidak dibekalkan dengan rak fail yang mencukupi sebaliknya fail kes diletakkan di atas lantai, meja dan di celahan dinding. Selain itu, terdapat kesan resapan air di dinding bilik penyimpanan fail pejabat MdI Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur yang boleh menyebabkan fail kes basah dan menjejaskan keutuhannya. Butirannya adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.1




Pejabat MdI Johor
- Fail Diletak Di Atas Lantai
(08.07.2011)

GAMBAR 2.2



Pejabat MdI Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Fail Diletakkan Di Celahan Dinding
(05.08.2011)

GAMBAR 2.3



Pejabat MdI Pulau Pinang
- Rak Dan Kabinet Besi Untuk Menyimpan Fail Unit Bankrap Tidak Mencukupi
(22.07.2011)

GAMBAR 2.4



Pejabat MdI Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Keadaan Fail Bankrap Dan Likuidasi Di Ruang Kerja
(05.08.2011)



GAMBAR 2.5

Pejabat MdI Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Kesan Resapan Air Di Dinding Bilik Fail
(05.08.2011)

2.5.14.3. Semakan Audit juga mendapati dokumen yang diambil daripada syarikat yang telah digulungkan telah disimpan dalam stor/bilik fail pejabat yang dilawati. Bagaimanapun, tiada maklumat dapat disemak mengenai rekod/senarai dokumen yang diambil kecuali di pejabat MdI Johor. Pemantauan had masa penyimpanan dokumen tersebut juga tidak dapat dilakukan memandangkan rekod/senarai dokumen tersebut tidak disediakan. Kesannya, tindakan pemusnahan tidak dapat dilakukan terhadap dokumen yang telah melebihi had penyimpanan seterusnya mengakibatkan ruang penyimpanan dipenuhi dengan dokumen yang tidak dapat dipastikan sama ada perlu dimusnahkan atau tidak. Penyimpanan dokumen berkenaan adalah seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 2.6



Pejabat MdI Pulau Pinang
- Buku-buku Syarikat Disimpan Di Dalam Kotak
(22.07.2011)

GAMBAR 2.7



Pejabat MdI Pulau Pinang
- Keadaan Dokumen/Buku-buku Syarikat Disimpan Di Unit Likuidasi
(22.07.2011)

Maklum Balas Jabatan Insolvensi Malaysia Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Kekangan peruntukan menyebabkan kabinet besi untuk menyimpan fail kes tidak dapat dibekalkan secukupnya. Cadangan pembekalan rak fail tambahan bagi tahun 2012 akan dikemukakan kepada Bahagian Perolehan. Bagaimanapun kelulusannya adalah tertakluk kepada Pegawai Pengawal JPM.

Pada pendapat Audit, pengurusan fail/dokumen kes adalah kurang memuaskan. MdI hendaklah memastikan fail kes dan dokumen syarikat yang digulungkan disimpan dengan teratur dan sistematik bagi memudahkan rujukan dan menjamin keselamatannya. Ruang penyimpanan fail/dokumen hendaklah sentiasa disenggarakan bagi menjamin keutuhan fail/dokumen tersebut. Bagi dokumen syarikat yang digulungkan, ia hendaklah disusun, dilabel mengikut nama syarikat dan diwujudkan satu kaedah pengesanan dokumen yang sistematik. Had tempoh masa penyimpanan mengikut undang-undang bagi dokumen syarikat hendaklah dipantau dari semasa ke semasa bagi membolehkan tindakan pemusnahan dilakukan seterusnya dapat mengoptimumkan penggunaan ruang penyimpanan sedia ada.

2.5.15. Penggunaan Stor Tidak Optimum dan Penyenggaraan Stor Tidak Dibuat

2.5.15.1. Seksyen 48(1)(a)(ii) Akta Kebankrapan 1967 memberi kuasa kepada MdI untuk menjalankan aktiviti penyitaan harta milik bankrap/syarikat yang digulungkan bagi tujuan penghasilan dividen untuk diagihkan kepada pihak pemiutang. Bagi tujuan tersebut MdI memerlukan ruang penyimpanan bagi harta bankrap/syarikat yang digulungkan yang telah dirampas tersebut. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 buah stor bagi tujuan penyimpanan harta yang disita. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati proses kerja/carta aliran penyimpanan aset alih dan tatacara pengurusan stor khusus untuk penyimpanan harta bankrap/syarikat tidak disediakan untuk kegunaan semua Pejabat Negeri/Cawangan. Lokasi stor MdI yang dilawati adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.21
MAKLUMAT LOKASI DAN PERBELANJAAN PENYEWAAN STOR MdI YANG DILAWATI

LOKASI STOR	KEGUNAAN PEJABAT NEGERI/ CAWANGAN	SEWA BERMULA	SEWA TAMAT	LUAS LANTAI DISEWA (MP)	KADAR SEWA SETAHUN (RM)
Johor Bahru	• Johor	01.08.2009	31.07.2012	339.38	84,000
Balakong	• Selangor • Kuala Lumpur	01.01.2012	31.12.2014	1,590.48	309,600
JUMLAH				**1,929.86**	**393,600**

2.5.15.2. Lawatan ke Stor MdI Johor Bahru pada bulan Julai 2011 mendapati masih belum ada aset alih yang disita disimpan di dalam stor tersebut sungguhpun stor tersebut telah disewa sejak bulan Ogos 2009. Stor tersebut hanya digunakan untuk penyimpanan dokumen milik syarikat yang telah digulung seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.8



Stor MdI Johor Bahru
- Ruang Kosong Di Tingkat Atas
(08.07.2011)

GAMBAR 2.9



Stor MdI Johor Bahru
- Dokumen/Buku Syarikat Di Simpan Di Stor
(08.07.2011)

2.5.15.3. Lawatan ke Stor MdI Balakong pada bulan Ogos 2011 mendapati aset alih bankrap/syarikat yang disita disimpan di dalam stor tersebut. Bagaimanapun, stor tersebut juga digunakan untuk penyimpanan dokumen milik syarikat yang telah digulung dan baucar bayaran seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.10



Stor MdI Balakong
- Ruang Kosong Di Tingkat Bawah Lot 2
(18.08.2011)

GAMBAR 2.11




Stor MdI Balakong
- Dokumen/Baucar Bayaran Di Simpan Di Stor
(18.08.2011)

Maklum Balas Jabatan Insolvensi Malaysia Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Stor tidak digunakan secara optimum untuk penyimpanan aset tetapi terus dijual bagi menjimatkan kos penghantaran yang mana akan ditanggung melalui wang estet bankrap. Manakala punca utama stor tidak disenggarakan dengan memuaskan adalah kerana kekangan peruntukan dan penyenggaraan stor adalah terletak di bawah bidang kuasa BHEUU.

2.5.15.4. Semakan Audit terhadap perjanjian penyewaan ruang stor MdI Johor Bahru antara pihak Kerajaan yang diwakili oleh BHEUU, JPM dengan pembekal mendapati tanggungjawab membekalkan kemudahan elektrik dan air adalah terletak di pihak Kerajaan. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati stor tersebut masih belum mempunyai kemudahan bekalan elektrik dan air walaupun perjanjian tersebut telah dibuat sejak bulan Ogos 2009. Perkara ini menyebabkan *roller shutter* terpaksa dibuka/ditutup secara manual, sistem pencahayaan dan pengudaraan tidak disediakan dan *plug point* elektrik tidak berfungsi seperti ditunjukkan di gambar berikut:



GAMBAR 2.12

Stor MdI Johor Bahru
- Stor Tidak Ada Bekalan Elektrik
(Roller Shutter Dibuka Secara Manual)
(08.07.2011)

2.5.15.5. Selain itu, pemeriksaan Audit mendapati kawasan sekeliling stor MdI Johor Bahru tidak disenggarakan dengan memuaskan. Pihak Audit juga mendapati tiada pengawal ditugaskan untuk tujuan kawalan keselamatan. Selain itu, semasa lawatan Audit dijalankan, didapati juga bahagian hadapan stor telah dijadikan tempat letak kenderaan oleh orang awam dan menyebabkan laluan masuk ke dalam kawasan stor terhalang. Tanda pengenalan stor MdI juga tidak dipamerkan. Butirannya adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.13



Stor MdI Johor Bahru
- Laluan Masuk Stor Di Halang Dengan Kenderaan Lain
(08.07.2011)

GAMBAR 2.14



Stor MdI Johor Bahru
- Kawasan Stor Yang Kelihatan Terbiar
(08.07.2011)

Maklum Balas Jabatan Insolvensi Malaysia Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Bekalan elektrik dan air telah mula dibekalkan pada bulan Disember 2011. Untuk tujuan keselamatan, MdI Johor akan membuat permohonan bagi mendapatkan pengawal keselamatan, memasang CCTV dan memasang gril pada pintu stor

serta mendapatkan papan tanda "Larangan Meletakkan Kenderaan" untuk diletakkan di hadapan premis. Selain itu, jadual berkala bagi tujuan pemantauan stor juga telah disediakan.

Pada pendapat Audit, pengurusan stor MdI yang dilawati adalah kurang memuaskan. Stor MdI Johor Bahru hendaklah sentiasa di senggara dengan baik dan kawalan keselamatan diwujudkan sebagai langkah mengelakkan risiko kecurian terhadap harta sitaan di bawah tanggungjawab MdI. Tanda pengenalan stor rasmi MdI juga hendaklah dipamerkan. Selain itu, stor yang disewa perlu digunakan secara optimum bagi mengelakkan pembaziran. MdI perlu mengkaji keperluan dan kesesuaian lokasi stor bagi memastikan segala perbelanjaan yang dilakukan adalah *value for money*.

2.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan kes kebankrapan dan penggulungan syarikat dilaksanakan dengan teratur dan cekap, adalah disyorkan MdI mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

2.6.1. Memastikan salinan PP&PP/Perintah Penggulungan disimpan dalam setiap fail kes yang berkaitan memandangkan ianya adalah dokumen utama dalam pengendalian kes kebankrapan dan penggulungan syarikat oleh MdI.

2.6.2. Mengemas kini proses/carta aliran kerja selaras dengan Akta dan Arahan Jabatan, menetapkan norma masa bagi tujuan merekodkan kes kebankrapan ke dalam CMS/menyediakan faharasat/pengeluaran Surat Notifikasi Awal/pengeluaran Surat Peringatan kehadiran/pemfailan PHE/bayaran ansuran.

2.6.3. Menjalankan lawat periksa ke premis supaya proses penzahiran harta dapat dilakukan segera.

2.6.4. Mewujudkan sistem pengawasan (alert system) bagi memantau kehadiran bankrap/pengarah syarikat, pengeluaran Surat Notifikasi Awal/Surat Peringatan kehadiran/pemfailan PHE/bayaran ansuran supaya tindakan permohonan prosiding komital boleh dilakukan selaras dengan Akta.

2.6.5. Memperakukan POD dalam tempoh yang ditetapkan.

2.6.6. Meningkatkan bilangan kursus yang spesifik mengenai pengurusan kes kebankrapan/penggulungan syarikat bagi memastikan latihan mencukupi seterusnya meningkatkan kemahiran dan kompetensi pegawai/kakitangan.

2.6.7. Menyimpan/menyelenggarakan fail kes/dokumen syarikat yang digulungkan dengan teratur dan sistematik bagi memudahkan rujukan dan menjamin keselamatannya. Had tempoh masa penyimpanan mengikut undang-undang bagi dokumen syarikat hendaklah dipantau dari semasa ke semasa bagi membolehkan tindakan pemusnahan dilakukan seterusnya dapat mengoptimumkan penggunaan ruang penyimpanan sedia ada.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 23-34
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

JABATAN PERDANA MENTERI

3. PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN
- PENGURUSAN PENYENGGARAAN KOMPLEKS MAHKAMAH KUALA LUMPUR

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur (KMKL) telah siap dibina pada bulan Februari 2007 dan beroperasi sepenuhnya mulai 3 Mei 2007. KMKL berkeluasan 64,913.93 mps (30 ekar) dan mempunyai 77 bilik bicara. Kos pembinaannya adalah berjumlah RM270 juta dan pembinaan KMKL dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

3.1.2. Bagi memanjangkan jangka hayat kemudahan yang telah disediakan, penyenggaraan perlu dilaksanakan bagi menjaga, memulihkan, memperbaiki kemudahan dan persekitaran bangunan. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dan pemantauan penyenggaraan bangunan KMKL. Kontraktor yang menjalankan penyenggaraan bangunan KMKL adalah Kemuncak Facilities Management Sdn. Bhd. (KFM). Pelantikan KFM telah dibuat secara rundingan terus oleh Kementerian Kewangan. Perjanjian penyenggaraan telah ditandatangani pada 14 September 2007 bagi tempoh 3 tahun bermula 1 Julai 2007 hingga 30 Jun 2010 dengan nilai kontrak berjumlah RM30.28 juta. Perjanjian ini telah dilanjutkan bagi tempoh 2 tahun bermula 1 Julai 2010 hingga 30 Jun 2012 dengan nilai kontrak berjumlah RM20.19 juta.

3.1.3. Penyenggaraan yang dibuat oleh KFM melibatkan 4 kategori iaitu rutin, berkala/berjadual, kecemasan dan *ad hoc*. Skop perkhidmatan penyenggaraan yang dilaksanakan di KMKL adalah pemuliharaan bangunan iaitu operasi penyenggaraan secara komprehensif melibatkan kerja mekanikal, elektrik, sivil dan struktur serta kerja am.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan penyenggaraan KMKL telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ditumpukan kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan penyenggaraan rutin, berkala/berjadual, kecemasan dan *ad hoc* yang dilaksanakan bagi tahun 2009 hingga 2011 di Bahagian Pengurusan Mahkamah Kuala Lumpur dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP). Kualiti kerja penyenggaraan dinilai hanya dalam tempoh lawatan Audit iaitu pada 10 hingga 12 Ogos 2011 dan berdasarkan laporan bulanan yang disediakan oleh KFM.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan terhadap rekod dan dokumen berkaitan penyenggaraan termasuk dasar dan perancangan penyenggaraan, dokumen kontrak, pengurusan dan pemantauan penyenggaraan; testimoni diambil melalui temu bual dengan pegawai dan anggota yang terlibat; analisis terhadap maklumat pembayaran, aduan dan penyenggaraan yang dikemukakan; pemeriksaan fizikal terhadap kerja penyenggaraan; dan pengesahan daripada pihak ketiga iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan

Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA), Johawaki Sdn. Bhd. (Johawaki) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

3.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati secara keseluruhan pengurusan penyenggaraan KMKL adalah memuaskan. Pengauditan ini mendapati perkara seperti berikut:

i. penyenggaraan telah dibuat mengikut pelan penyenggaraan yang ditetapkan dalam kontrak dan keadaan kebersihan kawasan KMKL secara keseluruhannya adalah memuaskan;

ii. rekod bagi kerja penyenggaraan bulanan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;

iii. terdapat beberapa aspek dalam pelaksanaan penyenggaraan yang perlu ditambah baik bagi meningkatkan keberkesanan penyenggaraan dan memastikan bangunan KMKL berada dalam keadaan terjaga; dan

iv. kelemahan yang ditemui semasa pengauditan adalah prestasi penyenggaraan fizikal kurang memuaskan dan kandungan kontrak tidak jelas.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dan pihak Pengurusan KMKL adalah seperti berikut:


3.5.1. Prestasi Penyenggaraan Fizikal

Penyenggaraan hendaklah dibuat berdasarkan pelan penyenggaraan yang telah diperuntukkan dalam kontrak melibatkan sivil dan struktur, mekanikal, elektrik dan kerja am. Semakan Audit terhadap pelan penyenggaraan dan laporan penyenggaraan bulanan yang disediakan KFM mendapati kerja telah dilaksanakan pada setiap bulan mengikut ketetapan kontrak dan direkodkan. Selain itu, seorang Juruteknik (Gred J22) dan PKPMP telah ditugaskan untuk memantau kerja-kerja pembaikan yang perlu dilaksanakan. Bagaimanapun pemeriksaan Audit mendapati perkara seperti berikut:

3.5.1.1. Penyenggaraan Sivil Dan Struktur

a. Kerja sivil dan struktur adalah kerja penyenggaraan yang antaranya melibatkan pembaikan bumbung, siling, dinding, tingkap, pintu, lantai, pengemasan cat, perparitan, struktur tiang batu dan struktur tiang besi. Berdasarkan jadual penyenggaraan dalam kontrak, KFM dikehendaki memeriksa sebarang kerosakan, keretakan dan kebocoran yang berlaku dan dibaiki atau diganti sekiranya perlu. Keadaan bangunan KMKL semasa lawatan Audit adalah seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 3.1



Aras Bumbung Mahkamah
- Jalur Getah (Rubber Strip) Pada Binaan Kubah Telah Renggang Dan Tercabut/Terkopak
(10.08.2011)

GAMBAR 3.2



Aras 6
- Permukaan Dinding Kotor Kesan Kemasukan Air Hujan Antara Binaan Bumbung Dan Dinding
(11.08.2011)

GAMBAR 3.3



Sump Berhampiran Rumah Sampah
- Terdapat Mendapan Tanah Dan Berlumut
(12.08.2011)

GAMBAR 3.4



Basement 1, Laluan Ke Bilik Fail
- Kulat Pada Siling Disebabkan Kesan Kebocoran
(11.08.2011)

GAMBAR 3.5



Kafeteria, Bilik Stor
- Dinding Jubin Terkopak (300cm)
(11.08.2011)

GAMBAR 3.6



Basement 1, Stor
- Kesan Resapan Air Pada Permukaan Dinding Mencacatkan Pemandangan
(11.08.2011)

Maklum Balas Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Yang Diterima Pada 22 Jun 2012

Mesyuarat pertama berhubung perkara ini telah diadakan pada 29 Mac 2012 untuk meneliti senarai pembaikan yang perlu dilaksanakan. Setakat ini, kerja-kerja pembaikan telah dilaksanakan oleh KFM dan PKPMP dengan kerjasama KMKL akan sentiasa memantau bagi memastikan semua kerja penyenggaraan dan pembaikan yang perlu dilaksanakan telah diambil tindakan oleh pihak KFM melalui mesyuarat bulanan yang diadakan.

b. Pemeriksaan fizikal Audit mendapati beberapa keretakan dapat dilihat pada dinding bangunan KMKL seperti di **Gambar 3.7** hingga **3.10**. Apabila berlaku hujan, kebocoran dan resapan air kelihatan pada dinding, bumbung rata dan lubang pada kubah di tengah bangunan KMKL. Kesan kebocoran ini telah menyebabkan beberapa lokasi di dalam bangunan mahkamah termasuk dinding bangunan dan ruang membaca perpustakaan basah, lembap dan menjejaskan kemasan cat pada dinding. Kebocoran dan resapan pada dinding boleh/telah menyebabkan peralatan besi berkarat dan merosakkan peralatan elektrik seperti di **Gambar 3.11** hingga **3.15**.

GAMBAR 3.7



Aras 7, Bilik Motor Lif
- Retakan Pada Dinding (Dalam Bangunan)
(10.08.2011)

GAMBAR 3.8




Bahagian Luar Bangunan
- Keretakan Menegak
(11.08.2011)

GAMBAR 3.9



Permukaan Luar Aras 5
- Keretakan Pada Dinding Dan Cornise
(11.08.2011)

GAMBAR 3.10



Permukaan Luar Aras 6
- Retakan Secara Merincih Pada Dinding Dan Retakan Antara Dinding Dengan Rasuk
(11.08.2011)

GAMBAR 3.11



Basement 1, Luar Bilik AHU
- Terdapat Kesan Resapan Dan Lelehan Air Berdekatan Dengan Papan Suis
(11.08.2011)

GAMBAR 3.12



Bilik Pendaftar Aras 1
- Kesan Resapan Air Pada Permukaan Dinding (Kebocoran Yang Teruk)
(10.08.2011)

GAMBAR 3.13



Tangga Aras 8 Ke Aras 9
- Kesan Resapan Air Pada Rasuk Dan Dinding
(10.08.2011)

GAMBAR 3.14



Basement 1, Ruang Makan Kakitangan
- Resapan Air Yang Menunjukkan Terdapat Kebocoran Air Yang Belum Dibaiki
(11.08.2011)



GAMBAR 3.15

Basement 1, Pejabat
- Kesan Resapan Air Pada Permukaan Bawah Lantai Dan Siling
(11.08.2011)

Maklum Balas Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Yang Diterima Pada 22 Jun 2012

i. KFM telah melakukan pemeriksaan dan mendapati rekahan yang berlaku pada struktur bangunan KMKL disebabkan oleh sambungan di antara dinding bata dengan struktur rasuk dan struktur tiang berbeza ketebalan lepaan yang digunakan di permukaan dinding bata berbanding dengan permukaan struktur. Ketebalan lepaan yang berbeza pada interface antara struktur dan bata ini menghasilkan kesan retakan apabila proses pengecutan lepaan berlaku. KFM hanya mampu membuat pembaikan dengan menampal retakan yang kecil secara ad hoc di tempat yang dilaporkan terdapat kebocoran disebabkan banyak retakan di bangunan. Kerja memasang lapisan kalis air (Water Proofing) dan kerja menambah Paip Saliran Air Hujan (Rain Water Down Pipe) telah dibuat oleh kontraktor yang dilantik oleh JKR dengan kos berjumlah RM2.43 juta bermula pada 3 Oktober 2011 hingga 27 Disember 2011. Bagaimanapun, kerja ini masih tidak menyeluruh kerana memerlukan peruntukan tambahan. Kerja pembaikan retakan adalah seperti di Gambar 3.16 dan 3.17, manakala kerja water proofing adalah seperti di Gambar 3.18 dan 3.19.

GAMBAR 3.16



Permukaan Luar Aras 8
- Kerja Menampal Retakan Dengan Silikon Pada Cornise
(Sumber: KMKL - 20.01.2012)

GAMBAR 3.17



Permukaan Luar Aras 6
- Kerja Menampal Retakan Dengan Silikon Pada Dinding Yang Meretak
(Sumber: KMKL - 20.01.2012)

GAMBAR 3.18



Dinding Luar Aras 8
- Water Proofing Yang Dibuat Bagi Menghalang Resapan Air Di Bumbung KMKL
(Sumber: KMKL - 20.01.2012)

GAMBAR 3.19




Lantai Luar Plaza KMKL
- Kerja Pembaikan Jubin Dan Water Proofing Bagi Menghalang Resapan Air Di Kafeteria
(Sumber: KMKL - 20.01.2012)

ii. Pihak JKR memaklumkan retakan yang berlaku adalah retakan bukan pada struktur bangunan. Pihak kontraktor pembinaan (Johawaki Sdn. Bhd.) dan JKR juga mengesahkan batu-bata yang digunakan untuk pembinaan dinding adalah bata jenis Calcium Silicate Bricks yang mematuhi BS187:1978 serta telah diuji oleh pihak SIRIM dan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.


iii. Selain itu, KFM memaklumkan terdapat retakan secara melintang di sekeliling bangunan di bahagian luar dinding bangunan (Gambar 3.20 dan 3.21) adalah disebabkan penyambungan dinding batu-bata dengan konkrit yang tidak sempurna. Retakan tersebut jelas kelihatan di bahagian yang tidak dipasang 'cornise dekoratif'. Pihak JKR dan Johawaki memaklumkan berdasarkan lukisan pembinaan bangunan adalah didapati memang tidak terdapat 'cornise dekoratif' di tempat yang dinyatakan. Kesan retakan terjadi di tempat sambungan di antara batu-bata dan rasuk konkrit adalah biasa berlaku.

GAMBAR 3.20



Dinding Luar Aras 5, Sayap Kanan
- Retakan Secara Melintang Sepanjang Dinding
(Tiada Pemasangan Cornise)
(Sumber: KFM - 05.03.2012)

GAMBAR 3.21



Dinding Luar Aras 5, Sayap Kanan
- Retakan Secara Melintang Sepanjang Dinding
(Tiada Pemasangan Cornise)
(Sumber: KFM - 05.03.2012)

Pada pendapat Audit pihak pengurusan KMKL perlu memastikan punca sebenar retakan pada bangunan diambil perhatian dan pembaikan dilaksanakan dengan kadar segera bagi mengelakkan berlaku kes retakan berterusan dan kebocoran berulang. Penyenggaraan yang melibatkan kerja di bawah skop kerja KFM perlu dipantau bagi memastikan tindakan pembaikan diambil segera.

c. Berdasarkan pelan penyenggaraan kerja pengemasan cat (touch up painting) perlu dilaksanakan setiap 6 bulan. Semasa lawatan Audit dilakukan, tiada bukti menunjukkan kerja pengemasan cat dilaksanakan oleh pihak KFM terutamanya di bahagian luar bangunan. **Gambar 3.22** hingga **3.25** menunjukkan keadaan tersebut.

GAMBAR 3.22



Aras 5, Luar
- Kesan Cat Mengelupas Pada Dinding
Luar Kesan Resapan Air
(10.08.2011)

GAMBAR 3.23



Basement 1, Kawasan Luar Bangunan
- Kesan Kotoran Lelehan Air Hujan
Pada Permukaan Dinding
(12.08.2011)

GAMBAR 3.24



GAMBAR 3.25



Bahagian Luar Bangunan Mahkamah
- Kesan Kotoran Di Keseluruhan Dinding Bangunan
(11.08.2011)


Maklum Balas Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Yang Diterima Pada 22 Jun 2012

Bagi memantau kerja-kerja KFM untuk mengecat yang perlu dilaksanakan setiap 6 bulan, PKPMP telah menyediakan jadual mesyuarat berkala dengan pihak KFM dan JKR setiap bulan sebagai langkah ke arah pemantauan yang lebih berkesan. Selain itu, PKPMP telah meminta pihak KMKL membuat potongan bayaran setelah mengesahkan kerja-kerja yang sepatutnya dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan tidak dibuat. PKPMP telah mengadakan mesyuarat dengan KFM pada 22 Jun 2012 bagi membincangkan isu pengemasan cat dan menetapkan tarikh dan tempoh sesuai untuk dilaksanakan bagi tahun 2012 serta membincangkan untuk mendapatkan rebet bagi kerja kemasan cat yang tidak dilaksanakan pada tahun-tahun sebelumnya.

3.5.1.2. Penyenggaraan Elektrik

Kerja-kerja elektrik adalah melibatkan kawalan elektrik bervoltan rendah sederhana dan tinggi, sistem telekomunikasi PABX, pembumian kilat, CCTV dan penyiaran. Semakan Audit mendapati terdapat kerja-kerja elektrik tidak dilaksanakan dengan berkesan, bagaimanapun telah dibaiki setelah pemerhatian Audit dikemukakan seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.26



Aras Bumbung
- Penutup Sensor Untuk Mengukur Aras Air Dalam Tangki Air Telah Tertanggal
(10.08.2011)

GAMBAR 3.27



Aras Bumbung
- Penutup Sensor Untuk Mengukur Aras Air Dalam Tangki Air Telah Di Pasang Semula
(Sumber: KMKL - 20.01.2012)

GAMBAR 3.28



Bilik MSB
- Sistem Pembumian Tidak Berfungsi
(11.08.2011)

GAMBAR 3.29



Bilik MSB
- Sistem Pembumian Telah Berfungsi
(Sumber: KMKL - 20.01.2012)

Maklum Balas Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Yang Diterima Pada 22 Jun 2012

Kesemua kecacatan telah dibaik pulih dan diambil tindakan. Seterusnya pihak Mahkamah Kuala Lumpur akan melakukan pemotongan bayaran selepas pengesahan dibuat terhadap kerja-kerja elektrik yang tidak dilaksanakan sebagai mana dinyatakan di dalam kontrak perjanjian di masa akan datang.

3.5.1.3. Penyenggaraan Mekanikal

Kerja mekanikal adalah kerja penyenggaraan yang antaranya melibatkan pembaikan lif, penyaman udara, pengudaraan, pelawas udara, pengudaraan di tempat letak kereta, sistem *sprinkler* dan *fire alarm and fire fighting system*. Semakan Audit mendapati kerja mekanikal yang kurang sempurna dan telah diambil tindakan selepas teguran Audit seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.30



Basement 1, Ruang Makan Kakitangan
- Sesalur Udara Bekal Hampir Jatuh.
Keadaan Ini Juga Ditemui Di Beberapa Kawasan.
Penutup Udara Ini Hanya Diikat Dengan Dawai
(10.08.2011)

GAMBAR 3.31




Basement 1, Ruang Makan Kakitangan
- Tindakan Pembaikan Dan Pembersihan Telah Diambil
(Sumber: KMKL - 20.01.2012)

GAMBAR 3.32



Bilik MSB
- Kipas Pelawas (Exhaust Fan) Yang Berhabuk
Dan Kotor. Penemuan Ini Juga Ditemui
Di Kebanyakan Bilik Suis Yang Lain
(10.08.2011)

GAMBAR 3.33



Bilik MSB
- Tindakan Pembersihan Telah Diambil
(Sumber: KMKL - 20.01.2012)

GAMBAR 3.34



Aras 8, Bilik AHU
- Penyenggaraan Yang Dilaksanakan Tidak Sempurna, Bilik AHU Dijadikan Stor Barang
(10.08.2011)

GAMBAR 3.35



Aras 8, Bilik AHU
- Tindakan Pembersihan Telah Diambil
(Sumber: KMKL - 20.01.2012)

Maklum Balas Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Yang Diterima Pada 22 Jun 2012

Kerja-kerja penyenggaraan untuk sistem mekanikal di Mahkamah Kuala Lumpur dilakukan pada setiap bulan mengikut ketetapan di dalam kontrak. Semua sistem mekanikal berfungsi dengan lancar. Pihak KFM juga mengambil tindakan susulan iaitu dengan melakukan kerja-kerja pembersihan di dalam bilik jentera dan sekitar kawasannya untuk memastikan bilik yang diselenggarakan oleh pihak KFM berada dalam bersih dan persekitaran yang selamat. Seterusnya, KMKL akan melakukan pemotongan bayaran selepas pengesahan dibuat terhadap kerja-kerja elektrik yang tidak dilaksanakan sebagaimana dinyatakan di dalam kontrak perjanjian di masa akan datang.

3.5.1.4. Kerja Penyenggaraan Am

a. Skop kerja yang terdapat dalam kerja penyenggaraan am adalah kerja pembersihan yang melibatkan penggunaan termasuk bahan kimia, peralatan dan pengangkutan bagi tujuan pembersihan. Penyenggaraan ini juga melibatkan pengawalan serangga/ haiwan perosak, tanaman pasu dalam bangunan dan penjagaan/penyenggaraan landskap termasuk pemotongan rumput. Kekerapan bagi kerja pemotongan rumput adalah sebulan sekali atau mengikut keperluan jika dalam keadaan musim hujan.

b. Lawatan Audit mendapati kerja am yang dilaksanakan terutamanya yang melibatkan kerja landskap adalah kurang memuaskan kerana tidak disenggarakan mengikut kekerapan/tempoh yang sesuai. Adalah didapati pokok hiasan tidak disenggarakan, rumput yang ditanam telah mati dan ada juga rumput yang panjang. Setelah pemerhatian Audit dibangkitkan tindakan pemotongan rumput dan penanaman semula pokok hiasan telah dilaksanakan (**Gambar 3.36** da **3.37**). Bagaimanapun keadaan landskap di kawasan belakang mahkamah masih belum menunjukkan perubahan yang ketara seperti di **Gambar 3.38**.

GAMBAR 3.36



Kawasan Belakang Mahkamah
- Rumput Yang Panjang Tidak Dipotong
(11.08.2011)

GAMBAR 3.37



Kawasan Belakang Mahkamah
- Rumput Sudah Dipotong
(Sumber: KMKL - 20.01.2012)



GAMBAR 3.38

Kawasan Belakang Mahkamah
- Rumput Telah Mati
(11.08.2011)

Maklum Balas Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Yang Diterima Pada 22 Jun 2012

Kerja penanaman rumput masih tidak disenggarakan dengan baik dan telah meminta KFM menanam semula rumput, mengembur, mengorek tanah, meletak top soil, baja dan menyuburkan kembali rumput. KMKL akan mempertingkatkan lagi pemantauan ke atas penyenggaraan landskap tersebut.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang lebih kerap perlu dilakukan oleh pihak KMKL bagi memastikan kerja landskap dilaksanakan.

3.5.1.5. Kerja Pembuangan Sampah

Antara skop kerja KFM termasuk penjagaan kebersihan bagi memastikan sisa pelupusan sampah yang dikumpulkan di pusat pelupusan dalam bangunan diangkut ke pusat pelupusan sisa atau rumah sampah yang telah ditetapkan untuk diangkut oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Bagaimanapun DBKL tidak dapat mengangkut sampah dari tempat yang ditetapkan disebabkan binaan asal bangunan mempunyai jalan yang sempit seperti **Gambar 3.39**. Sehubungan itu mulai bulan Julai 2007 pihak KMKL talah menukar tapak sisa pelupusan sampah ke tingkat bawah kantin seperti **Gambar 3.40**. Bagaimanapun pihak KMKL tidak memaklumkan kepada pihak DBKL. Ini menyebabkan urusan mengangkut sampah dari tempat yang ditetapkan ke tempat pelupusan sampah DBKL telah dilakukan oleh KFM. Bagi tujuan tersebut, KFM telah menuntut sejumlah RM189,000 bagi tempoh bulan Oktober 2009 sehingga bulan Jun 2011 kerana kerja tersebut dianggap sebagai di luar skop kontrak. Bagaimanapun berdasarkan baucar tuntutan tersebut tuntutan ini adalah bagi kerja pembersihan kawasan pembuangan sampah.

GAMBAR 3.39



Basement 1
- Lori Sampah DBKL Tidak Dapat Mengambil Sampah Kerana Laluan Ini Sempit
(11.08.2011)

GAMBAR 3.40



Basement 2 (Bawah Kafeteria)
- Tapak Pembuangan Sampah Yang Baru
(11.08.2011)

Maklum Balas Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Yang Diterima Pada 22 Jun 2012

Pihak KFM telah mengambil alih tanggungjawab yang sepatutnya dilakukan oleh pihak DBKL. Pihak KFM telah menuntut bayaran kepada pihak Mahkamah kerana kerja-kerja melupuskan sisa sampah adalah di luar skop penyenggaraan yang telah ditetapkan. Pihak KFM masih menjalankan kerja-kerja penyenggaraan pembuangan sisa sampah dan menanggung segala kos yang terlibat. PKPMP akan mengadakan mesyuarat dengan pihak DBKL untuk membincangkan jalan penyelesaian bagi permasalahan ini. Bagaimanapun, untuk kontrak yang akan datang, PKPMP telah memaklumkan pihak JKR supaya perkhidmatan ini dimasukkan ke dalam skop kerja melalui kaedah yang sesuai sebelum rumah sampah mengikut spesifikasi DBKL dibina. Mulai bulan Januari 2012, KMKL telah meminta supaya KFM tidak mengemukakan bayaran bagi perkhidmatan memunggah dan mengangkat sampah dari tempat sampah dalam bangunan ke pusat sampah yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.

Pada pendapat Audit, bayaran di luar skop ini perlulah disiasat kesahihannya. Selain itu, KMKL hendaklah berhubung dengan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) kerana mulai 1 September 2011 PPSPPA telah mengambil alih urusan pembuangan sampah dari DBKL.

3.5.2. Prestasi Kewangan Penyenggaraan

KMKL telah diperuntukkan sejumlah RM40.74 juta bagi tujuan penyenggaraan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 dan sejumlah RM37.18 juta (91.3%) telah dibelanjakan. Butiran peruntukan dan perbelanjaan penyenggaraan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PENYENGGARAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	BELANJA	
		JUMLAH (RM Juta)	(%)
2009	15.72	13.21	84.0
2010	13.52	12.47	92.2
2011	11.50	11.50	100
JUMLAH	**40.74**	**37.18**	**91.3**

Sumber: Bahagian Pentadbiran Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur

3.5.3. Pengurusan Penyenggaraan

3.5.3.1. Tuntutan Secara *Lump Sum*

Kontrak penyenggaraan perlu disediakan bagi menjamin kepentingan Kerajaan dan mengikat kedua-dua belah pihak dalam melaksanakan peranan masing-masing. Kontrak yang lengkap dan jelas memudahkan pemantau dan pelaksanaan. Semakan Audit mendapati kontrak penyenggaraan menyatakan dengan jelas kerja yang perlu dilaksanakan. Bagaimanapun, nilai kerja yang dilaksanakan tidak dinyatakan secara terperinci bagi setiap jenis kerja tetapi secara *lump sum* berjumlah RM841,106 sebulan. KFM telah menuntut bayaran bulanan mengikut pecahan jenis dan nilai kerja seperti di **Jadual 3.2**, namun butiran tuntutan tersebut masih tidak jelas dan menyukarkan urusan penilaian terhadap setiap kerja yang dilaksanakan.

JADUAL 3.2
TUNTUTAN BULANAN KERJA PENYENGGARAAN OLEH KFM

SERVIS YANG DITAWARKAN	KADAR (RM)
Sistem Mekanikal • Penyaman Udara Dan Sistem Pengudaraan Mekanikal • *Fire Alarm And Fire Fighting System* • Sistem Lif - *Vertical Transportation* • *Cool Water Supply And Booster Pump*	259,999.70
Sistem Elektrik • Voltan Tinggi Dan Voltan Rendah • Sistem Pembumian • *Standy Genset, AMF Boards & Batteries* • *UPS System, DC Power Supply, Lighting System* • *Telecommunication System, Building Automation System, Audio Visual System* • *Pendant Lighting, Fire Barriers* • *Building Security - CCTV And Card Access*	209,999.80
Sivil Dan Struktur • *Architect And Facade* • *Plumbing And Sanitary System* • *Sewerage Treatment Plan* • *Roofing, Iron Mongeries* • *Drains, Sump, Grating & Culvert*	209,999.80
Servis Am • Kerja Pembersihan, Kawalan Serangga Perosak, *Landscaping Work And Internal Potted Plant* • *Waste Disposal Services*	161,107.10
JUMLAH	**841,106.40**

Maklum Balas Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Yang Diterima Pada 22 Jun 2012

Perkara ini ada kaitan dengan kaedah pelantikan syarikat penyenggaraan semasa yang dilantik terus oleh Kementerian tanpa melalui proses tender terbuka dan spesifikasi kerja tidak disediakan lebih awal sebagaimana proses biasa. Spesifikasi kerja disediakan oleh pihak syarikat yang telah dilantik itu secara audit on site sahaja. Sehubungan itu, untuk kontrak yang akan datang, PKPMP telah mengambil tindakan memaklumkan kepada pihak JKR yang menguruskan urusan perolehan perkhidmatan penyenggaraan di KMKL untuk menyediakan spesifikasi kontrak penyenggaraan secara terperinci jenis kerja yang dilakukan dan bukan secara lump sum seperti yang dilakukan dalam kontrak yang sedang berlangsung ini bagi memastikan Kerajaan mendapat value for money.

3.5.3.2. Pengukuran Kualiti Penyenggaraan Dan Denda

Bagi memastikan KFM melakukan kerja penyenggaraan dengan baik mengikut standard yang ditetapkan, pihak KMKL hendaklah menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI). Sebagai contohnya bilangan aduan bulanan. Kegagalan mematuhi KPI yang ditetapkan membolehkan elemen denda dikenakan terhadap KFM. Semakan Audit mendapati tiada bukti yang menunjukkan KMKL telah membuat pengukuran kualiti dan denda dikenakan terhadap KFM kerana tiada peruntukan dalam kontrak yang menyatakan mengenainya.

Maklum Balas Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Yang Diterima Pada 22 Jun 2012

Satu kaedah pengukuran kawalan kualiti setuju diwujudkan bagi membantu meningkatkan kualiti penyenggaraan di KMKL. Dokumen kontrak penyenggaraan yang telah disediakan oleh JKR boleh dijadikan sebagai dokumen rujukan dalam menyediakan dokumen perjanjian penyenggaraan yang akan datang. KMKL akan berhubung dengan pihak Mahkamah Persekutuan dan JKR bagi perkara ini.

Pada pendapat Audit kaedah pembayaran secara *lump sum* perlu dikaji semula dalam penyediaan kontrak penyenggaraan akan datang bagi memastikan pihak Kerajaan mendapat *value for money*. Selain itu, pihak KMKL hendaklah mewujudkan KPI dan bagi kerja yang tidak mencapai kualiti, denda hendaklah dikenakan terhadap kontraktor.

3.5.3.3. Pegawai Teknikal Tidak Dilantik Bagi Tujuan Pengesahan Kerja

Berdasarkan carta organisasi Bahagian Pengurusan KMKL, urusan berkaitan penyenggaraan dan pengesahan kerja dipertanggungjawabkan kepada Penolong Pegawai Tadbir Gred N36 (PPT). Semakan Audit mendapati pengesahan kerja dan penyemakan bagi pihak Kerajaan dilakukan oleh pegawai berkenaan kerana ketiadaan jawatan Juruteknik/Jurutera. Oleh itu kualiti dan keperluan kerja yang melibatkan aspek teknikal tidak dapat disahkan. KMKL akan merujuk kepada jurutera KFM sekiranya terdapat kerja penyenggaraan yang memerlukan pengesahan berkaitan teknikal.

Maklum Balas Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Yang Diterima Pada 22 Jun 2012

Bagi cadangan penyelesaian jangka pendek, pengesahan bayaran bagi bulan Mei 2012 dan seterusnya akan dibantu oleh kakitangan teknikal dari PKPMP, Putrajaya iaitu Gred J22 yang telah dikenal pasti. PKPMP mengambil maklum keperluan pengisian pegawai teknikal di KMKL bagi memantau kerosakan/ pembaikan yang dilaksanakan oleh syarikat penyelenggaraan. PKPMP telah memulakan usaha mengkaji struktur organisasi dan perjawatan di seluruh Pusat Tanggungjawab Mahkamah seluruh Malaysia semenjak bulan Januari 2012. Pejabat ini juga melihat model agensi-agensi lain sebagai penanda aras untuk merangka struktur perjawatan yang bersesuaian di mahkamah-mahkamah. Satu bengkel penambahbaikan bersama-sama Pengarah Mahkamah Negeri dan JPM akan diadakan bagi mendapatkan input dan komitmen daripada stakeholders. Pejabat ini menjangkakan kertas cadangan yang lengkap akan dikemukakan kepada JPA pada bulan September 2012 untuk pertimbangan selanjutnya.

Pada pendapat Audit, bagi menjamin keberkesanan dan kualiti kerja penyenggaraan serta menjaga kepentingan Kerajaan, pengesahan dan semakan perlulah dibuat oleh pegawai teknikal terutamanya pemantauan kerja yang melibatkan aspek teknikal. Perancangan pengisian perjawatan perlu mengambil kira perkara ini bagi memantapkan pengurusan pentadbiran KMKL.

3.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan prestasi penyenggaraan KMKL mencapai tahap yang lebih baik dan tidak menjejaskan keadaan luaran dan struktur bangunan, adalah disyorkan supaya pengurusan KMKL mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

3.6.1. Membuat pemantauan secara berkala ke atas kerja penyenggaraan oleh pihak KFM bagi menjamin kerja yang dilaksanakan berkesan, berkualiti, mengikut spesifikasi dan perancangan penyenggaraan.

3.6.2. Memperuntukkan klausa penalti, mekanisme pengukuran kualiti kerja dan KPI dalam kontrak penyenggaraan akan datang.

3.6.3. Membaiki retakan dengan segera bagi memastikan ianya tidak menjadi lebih serius dan kebocoran seperti sebelum ini tidak berulang.

3.6.4. Meminta bantuan teknikal daripada JKR untuk mengenal pasti punca sebenar berlaku retakan dan resapan yang berterusan bagi memastikan kerja penyenggaraan lebih berkesan.

3.6.5. Memastikan butiran nilai kerja disediakan secara terperinci bagi mengelakkan bayaran secara *lump-sum* bagi memastikan penyediaan kontrak penyenggaraan yang akan datang dapat dipertingkatkan keberkesanannya. Ianya termasuk tuntutan bayaran yang lebih terperinci dan jelas.

3.6.6. Mengkaji kesahihan tuntutan bayaran mengangkut sampah ke tempat pelupusan sampah DBKL. Selain itu, KMKL hendaklah berhubung dengan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) kerana mulai 1 September 2011 PPSPPA telah mengambil alih urusan pembuangan sampah dari DBKL.

3.6.7. Melantik pegawai teknikal dengan segera bagi pemantauan yang melibatkan semakan dan pengesahan kerja.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 35-41
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

JABATAN PERDANA MENTERI

4. UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA (UKAS)

- **PENGURUSAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN DI WILAYAH EKONOMI KORIDOR**

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor merupakan satu inisiatif Kerajaan yang bermula dari Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) bagi merapatkan perhubungan antara ke semua negeri dengan cara mengurangkan jurang perbezaan sosioekonomi dan struktur antara wilayah. Selain itu, ia juga adalah untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup. Terdapat 5 wilayah koridor yang dibangunkan iaitu Wilayah Ekonomi Koridor Pantai Timur (ECER), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia (Iskandar Malaysia), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE). Pelancongan adalah salah satu teras utama pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor. Malaysia mempunyai pelbagai sumber pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai tarikan pelancong. Menjelang tahun 2020, jumlah pelancong asing yang dijangka ke Malaysia adalah sekitar 55 juta orang. Objektif program pembangunan pelancongan di Wilayah Ekonomi Koridor adalah untuk meningkatkan bilangan ketibaan pelancong melalui penyediaan kemudahan pelancongan bertaraf dunia di samping merapatkan jurang perbezaan antara wilayah.

4.1.2. Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri ialah agensi pusat yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras projek kerjasama sektor awam-swasta yang memberi impak kepada ekonomi negara. Antara fungsi UKAS adalah mengkaji, merancang, menyelaras, mengawal, memudahcara dan menilai pelaksanaan program pembangunan koridor serta perkhidmatan perundangan dan korporat dari segi keberkesanan dan pencapaian matlamat Kerajaan. Sebagai agensi pusat, fungsi utama UKAS adalah menggubal dasar dan strategi kerjasama awam-swasta/*Public Private Partnership.*

4.1.3. Setiap Wilayah Ekonomi Koridor ditadbir oleh Pihak Berkuasa Koridor (PBK) masing-masing melalui punca kuasa daripada akta yang diluluskan bagi menentukan arah, dasar dan strategi dalam pembangunan wilayah masing-masing.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilakukan bagi menilai sama ada pengurusan pembangunan pelancongan di Wilayah Ekonomi Koridor telah diurus dengan teratur, berkesan dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

4.3.1. Skop pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan pembangunan pelancongan di 3 Wilayah Ekonomi Koridor iaitu NCER, ECER dan SDC. Pengauditan tertumpu di Seksyen Pembangunan Koridor, UKAS; Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA); Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) bagi tempoh tiga tahun iaitu tahun 2009 hingga 2011.

4.3.2. Pengauditan juga tertumpu kepada peranan UKAS sebagai urus setia yang bertanggungjawab memproses kelulusan, menyalurkan dan memantau dana yang diberi kepada PBK bagi pembangunan pelancongan.

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pemeriksaan ke atas rekod dan fail aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan serta membuat analisis data kajian di UKAS. Mengadakan temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat serta membuat pengesahan rekod di pejabat PBK yang diaudit. Lawatan fizikal ke atas projek yang dipilih sebagai sampel Audit juga dilaksanakan bersama pegawai PBK dan kontraktor terlibat.

4.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan November hingga Disember 2011 mendapati pengurusan pembangunan pelancongan di Wilayah Ekonomi Koridor secara keseluruhannya adalah baik dari segi penetapan strategi kepada PBK dan kajian dibuat sebelum projek dilaksanakan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

i. projek pembiakan Badak Sumbu, Lahad Datu, Sabah lewat disiapkan dan 2 lanjutan masa diluluskan selama 252 hari;
ii. kerja pembinaan tidak berkualiti;
iii. penilaian pencapaian tidak dilaksanakan; dan
iv. maklumat peruntukan/perbelanjaan yang tidak kemas kini.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas pihak terlibat adalah seperti berikut:

4.5.1. Prestasi Program

4.5.1.1. Pencapaian Output/Perancangan

Fungsi dan tanggungjawab PBK di antaranya adalah membantu menyelaraskan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor dan menyatupadukan dasar dan strategi perancangan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Secara keseluruhan pengurusan dan pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor telah melibatkan kepakaran pihak Kerajaan dan swasta dalam merancang dan melaksana projek pelancongan. Semakan Audit mendapati PBK bagi ketiga-tiga Wilayah Ekonomi Koridor yang diaudit telah melaksanakan projek dengan baik serta mengambil kira Pelan Induk Pelancongan. Pelaksanaan pengurusan PBK juga dipelbagaikan mengikut kesesuaian setiap negeri yang terlibat. PBK memainkan peranannya sebagai penghubung di antara agensi kerajaan, JKR, Pejabat Daerah dan orang awam. Berdasarkan rekod UKAS, sebanyak 38 projek/kajian telah dilaksanakan oleh PBK berbanding 42 projek/kajian yang dirancang di bawah RMKe-9 dan RMKe-10 (Rolling Plan 1). Ringkasan prestasi pelaksanaan projek pembangunan pelancongan yang dilaksanakan di setiap Wilayah Ekonomi Koridor yang dilawati adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.1
PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK PELANCONGAN
DI BAWAH RMKe-9 DAN RMKe-10 (Rolling Plan 1)

WILAYAH EKONOMI KORIDOR	BIL. YANG DIRANCANG		BIL. YANG DILAKSANAKAN		BIL. DIAUDIT		STATUS SIAP BAGI PROJEK YANG DIAUDIT (%)	
	PROJEK	KAJIAN	PROJEK	KAJIAN	PROJEK	KAJIAN	PROJEK	KAJIAN
NCER	8	2	8	2	2	2	100	100
ECER	6	13	4	13	2	2	100	100
SDC	8	5	6	5	3	2	66	100
JUMLAH	**22**	**20**	**18**	**20**	**7**	**6**		
	42		**38**		**13**			

Sumber: ***Seksyen Pembangunan Koridor UKAS***

Maklum Balas Unit Kerjasama Awam Swasta Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Perbezaan antara perancangan dan pelaksanaan projek bagi ECER dan SDC adalah disebabkan perkara berikut:

a. ECER: Di bawah Rolling Plan 1 (RP1) RMKe-10, projek yang dirancang tidak dilaksanakan atas sebab tapak tidak sesuai bagi projek Pelancongan Persisiran Pantai Kuala Pahang dan Pelancongan Persisiran Pantai Sepat, Kuantan.

b. SDC: Di bawah RP1 RMKe-10, tiada pelaksanaan bagi projek yang dirancang disebabkan arahan EPU agar pelaksanaan projek ditangguhkan ke tahun 2012 Rolling Plan 2 (RP2) serta menggunakan peruntukan RP1 bagi membiayai projek sambungan dalam RMKe-9.

Pada pendapat Audit, pencapaian prestasi pelaksanaan projek pelancongan di Wilayah Ekonomi Koridor berbanding perancangan dan strategi yang ditetapkan adalah memuaskan. Bagaimanapun, pelaksanaan untuk menyiapkan projek yang belum disiapkan hendaklah dipertingkatkan.

4.5.1.2. Pelaksanaan Projek Pelancongan

Projek pembinaan yang dilaksanakan perlu mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan berkualiti. Pengesahan kesempurnaan projek hendaklah dilakukan bagi memastikan projek dapat diguna dengan selamat, selesa dan mudah. Semakan Audit mendapati berlaku kelewatan dalam penyiapan projek dan kualiti yang kurang memuaskan seperti berikut:

a. Projek Pembiakan Badak Sumbu Borneo Sumatera

Projek Pembiakan Badak Sumbu Borneo Sumatera dilaksanakan dalam kawasan Tabin Wildlife Reserve (TWR) di Lahad Datu, Sabah. Matlamat projek adalah untuk mewujudkan pusat pembiakan badak sumbu Borneo Sumatera mengikut habitatnya bagi menghalang kepupusan. Pada masa ini, telah terdapat Pusat Perlindungan Hidupan Liar, Tabin yang menjadi tempat perlindungan 3 ekor badak sumbu Borneo Sumatera. Pelaksanaan Projek Pembiakan Badak Sumbu Borneo Sumatera di bawah peruntukan SEDIA ini terbahagi kepada 2 iaitu Pakej A dan B. Pakej A, meliputi pembinaan jalan *gravel* sepanjang 1.2km yang bernilai RM939,442.50 yang akan menghubungkan Pusat Perlindungan Hidupan Liar Tabin dan jalan utama dengan pusat pembiakan badak dalam Pakej B. Manakala Pakej B pula meliputi pembinaan *night stall*, 5 unit kawasan *paddock*, 2 unit *breathing area,* pagar elektrik, rumah kakitangan, tangki air dan generator.

i. Lawatan Audit pada 21 Disember 2011 mendapati pembinaan jalan *gravel* hanya siap 67%. Berdasarkan perancangan asal, projek ini perlu disiapkan pada 21 Januari 2011. Menurut pihak kontraktor, kelewatan berlaku disebabkan masalah banjir di tapak projek dan pembinaan longkang yang tidak mengikut spesifikasi. Sebanyak 3 pelanjutan masa telah dipohon, bagaimanapun hanya lanjutan masa yang pertama dan kedua yang diluluskan iaitu selama 177 hari dan 75 hari. Permohonan untuk lanjutan masa yang ketiga bagi tempoh 28 hari masih belum mendapat kelulusan setakat tarikh pengauditan. Sehingga 20 September 2011 sejumlah RM490,526 (52.2%) daripada kos kontrak berjumlah RM939,442.50 telah dibayar kepada kontraktor. **Gambar 4.1** hingga **4.3** menunjukkan keadaan semasa pembinaan jalan *gravel*.

ii. Semakan lanjut terhadap status pelaksanaan projek di bawah Pakej B pula mendapati kerja masih belum dimulakan kerana tiada peruntukan. Pembinaan

jalan *gravel* sepanjang 1.2km tidak dapat berperanan untuk menghubungkan Pusat Perlindungan Hidupan Liar Tabin ke pusat pembiakan badak kerana pusat pembiakan di Pakej B yang masih belum dibina.

GAMBAR 4.1



Tabin Wildlife Reserve, Lahad Datu, Sabah
- Culvert Tidak Disiapkan
(21.12.2011)

GAMBAR 4.2



Tabin Wildlife Reserve, Lahad Datu, Sabah
- Longkang Tidak Dibina Mengikut Spesifikasi
(21.12.2011)



GAMBAR 4.3

Tabin Wildlife Reserve, Lahad Datu, Sabah
- Jalan Belum Siap Sepenuhnya. Gravel Belum Dilapis Atas Tanah Lembut
(21.12.2011)

Maklum Balas Unit Kerjasama Awam Swasta Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Sehingga 30 April 2012 kemajuan kerja Pakej A adalah sebanyak 75.1% dan dijangka siap pada awal bulan Jun 2012. Manakala Pakej B belum dapat dilaksanakan kerana pihak SEDIA belum mendapat peruntukan. Peruntukan akan dipohon dalam Rolling Plan 3 (RP3) oleh Jabatan Hidupan Liar di bawah Kerajaan Negeri Sabah. Selain itu, pihak SEDIA bersama Jabatan Hidupan Liar, Sabah akan mengadakan mesyuarat dan lawatan tapak yang lebih kerap untuk memastikan projek siap dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, pembaikan ke atas pembinaan jalan yang dilaksanakan perlu dipantau dengan berkesan bagi memastikan projek berjaya dilaksanakan.

b. Projek Pembangunan Sayong *Riverfront*

i. Projek Pembangunan Sayong *Riverfront* Fasa 2 ialah salah satu projek yang dilaksanakan di NCER di bawah program mempertingkatkan imej Kuala Kangsar supaya bersesuaian dengan Gelaran Bandar Warisan Diraja Bersejarah Perak. Projek ini yang bernilai RM13.12 juta telah disiapkan pada 20 Julai 2011 dan diserahkan kepada Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) untuk tujuan pengendalian operasi. Projek ini dibahagikan kepada 3 pakej dan pembahagian kerja telah dibuat kepada 3 syarikat. Perolehan tender mengikut pakej untuk projek ini adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.2
PROJEK PEMBANGUNAN SAYONG *RIVERFRONT* FASA 2, KUALA KANGSAR, PERAK

PAKEJ	NAMA PAKEJ	JUMLAH PEROLEHAN (RM Juta)
1	Bangunan Karyaneka, Substesen Elektrik, Infrastruktur Serta Lain-lain Kerja Berkaitan	5.57
2	Bangunan Restoran, Jeti, Infrastruktur Serta Lain-lain Kerja Berkaitan	5.12
3	Bangunan Galeri Sayong Serta Lain-lain Kerja Berkaitan	2.43
JUMLAH		**13.12**

ii. Lawatan Audit mendapati beberapa komponen kerja dalam projek ini tidak memuaskan seperti penutup besi longkang melendut; kemasan tingkap kelihatan renggang; binaan bumbung yang kurang sesuai menyebabkan air bertakung di lantai restoran dan tempat menunggu di jeti.

Maklum Balas Unit Kerjasama Awam Swasta Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Besi penutup longkang direka bentuk hanya untuk menampung beban pejalan kaki dan ia telah melendut disebabkan oleh kenderaan berat yang melalui kawasan tersebut. Bagi mengelakkan kejadian berulang, penghadang konkrit telah dibina di sekelilingnya bagi mengelakkan kenderaan melalui di atas penutup longkang tersebut dan telah disiapkan pada 12 Mac 2012. Selain itu, kesemua tingkap yang renggang telah siap dibaiki pada 15 Mac 2012. Bagi kes air bertakung dalam bangunan restoran, pihak kontraktor telah diarah untuk memasang satu 'transparent prospect' yang akan diletakkan di bahagian tebar layar bangunan untuk mengurangkan kesan tempias air hujan.

iii. Lawatan Audit juga mendapati *floating pontoon* dan tangga di tempat menunggu jeti tidak disediakan bagi memudahkan pengguna masuk dan keluar dari bot semasa air pasang/surut. Ini kerana komponen *floating pontoon* dan tangga tidak disenaraikan dalam spesifikasi kerja.

Maklum Balas Unit Kerjasama Awam Swasta Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Pembinaan jeti, penyediaan floating pontoon atau tangga tidak dinyatakan dalam kontrak asal kerana pihak MPKK memaklumkan tiada keperluan untuk penyediaan pontoon. Bagaimanapun, perkara ini telah dimaklumkan semula kepada MPKK untuk menyediakan kemudahan tersebut.

iv. Keadaan komponen kerja yang tidak memuaskan di Sayong *Riverfront*, Kuala Kangsar, Perak semasa lawatan Audit dan selepas tindakan pembaikan yang telah diambil adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 4.4



Jalan Berdekatan Wakaf
- Penutup Besi Longkang Melendut
(22.11.2011)

GAMBAR 4.5



Jalan Berdekatan Wakaf
- Penghadang Konkrit Telah Dibina Di Sekelilingnya Bagi Mengelakkan Kenderaan Melalui Di Atas Penutup Longkang
(Sumber: UKAS - 30.05.2012)

GAMBAR 4.6



Restoran
- Air Bertakung Di Lantai Restoran
(22.11.2011)

GAMBAR 4.7



Jeti
- Air Bertakung Di Lantai Tempat Menunggu
(22.11.2011)



GAMBAR 4.8

Jeti
- Floating Pontoon Bagi Memudahkan Penumpang Naik Turun Jeti Dan Penghadang Bagi Memastikan Keselamatan Pengguna Tidak Disediakan
(22.11.2011)

Pada pendapat Audit, sesuatu projek hendaklah dirancang secara menyeluruh bagi memastikan projek tersebut dapat digunakan dengan sepenuhnya.

c. Projek Menaiktaraf Zoo Taiping/*Night Safari*

Program Pembangunan Taiping Bandar Warisan adalah berkenaan kerja menaiktaraf Zoo Taiping/*Night Safari*. Projek ini melibatkan pembinaan bangunan pentadbiran/laluan berbumbung, sistem pencahayaan dan papan tanda. Projek ini yang bernilai RM3.96 juta telah siap 99 peratus setakat 21 November 2011. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 22 November 2011 mendapati beberapa komponen kerja yang tidak memuaskan seperti kabel utama elektrik di jejantas laluan pejabat baru tergantung dan papan tanda berlampu bagi *Night Safari* belum dipasang. Sehubungan itu, keadaan kabel utama elektrik yang tergantung boleh membahayakan pengguna. Keadaan komponen projek semasa lawatan Audit dan tindakan pembaikan selepas teguran Audit adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 4.9



Jejantas Laluan Pejabat Baru, Zoo Taiping, Perak
- Kabel TNB Tergantung Di Laluan Membahayakan Pengguna
(22.11.2011)

GAMBAR 4.10



Jejantas Laluan Pejabat Baru, Zoo Taiping, Perak
- Kabel TNB Tergantung Di Laluan Telah Dimasukkan Dalam Konduit
(Sumber: UKAS - 30.05.2012)

GAMBAR 4.11



Zoo Taiping, Perak
- Papan Tanda Berlampu Bagi Night Safari Belum Dipasang
(22.11.2011)

GAMBAR 4.12



Zoo Taiping, Perak
- Papan Tanda Berlampu Yang Telah Siap Dipasang
(Sumber: UKAS - 30.05.2012)

Maklum Balas Unit Kerjasama Awam Swasta Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Laluan kabel elektrik yang tergantung telah dimasukkan ke dalam konduit (sesalur) elektrik oleh pihak TNB pada 29 Februari 2012. Papan tanda yang tidak dipasang adalah disebabkan kesilapan ejaan. Selepas cetakan semula, papan tanda telah dipasang sepenuhnya pada 12 Mac 2012.

4.5.2. Prestasi Kewangan Program

Sejumlah RM188.87 juta telah diperuntukkan dalam RMKe-9 dan *Rolling Plan 1* (2011 - 2012) RMKe-10 bagi pembangunan sektor pelancongan di NCER, ECER dan SDC dan jumlah tersebut telah disalurkan kepada PBK yang berkenaan. Sehingga 31 Disember 2011, sejumlah RM105.62 juta (55.9%) telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut. Semakan Audit mendapati peratusan perbelanjaan adalah rendah. Bagaimanapun, ia disebabkan PBK telah berjaya menjimatkan kos tanpa mengurangkan skop kerja projek selepas kajian semula (value management) dijalankan. Peruntukan dan perbelanjaan mengikut projek/kajian di wilayah yang terlibat adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGIKUT WILAYAH KORIDOR

WILAYAH KORIDOR	RMK	PERUNTUKAN (RM Juta)		PERBELANJAAN (RM Juta)		PERATUS BELANJA (%)	
		PROJEK	KAJIAN	PROJEK	KAJIAN	PROJEK	KAJIAN
NCER	RMKe-9	22.77	5.8	12.26	4.94	53.8	85.2
	RMKe-10 (RP1)	18.55	-	7.82	-	42.2	-
ECER	RMKe-9	24.7	40.5	23.82	33.03	96.4	81.6
	RMKe-10 (RP1)	8.85	2.5	7.33	0.78	82.8	31.2
SDC	RMKe-9	48.75	8.45	11.98	3.66	24.6	43.3
	RMKe-10 (RP1)	8.0	-	-	-	-	-
JUMLAH		**131.62**	**57.25**	**63.21**	**42.41**	**48.0**	**74.1**
		188.87		**105.62**		**55.9**	

Sumber: ***Seksyen Pembangunan Koridor UKAS***

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan untuk melaksanakan projek pelancongan adalah baik dengan penjimatan kos tanpa mengurangkan skop kerja projek.

4.5.3. Penilaian Pencapaian Tidak Dilaksanakan

Projek yang dipilih untuk dilaksanakan perlu menjurus ke arah memperkasakan aktiviti pelancongan dan seterusnya dapat membantu dalam peningkatan pertumbuhan ekonomi di

Wilayah Ekonomi Koridor. Semakan Audit mendapati projek yang telah dilaksanakan belum memberi impak yang tinggi kepada peningkatan aktiviti pelancongan dan seterusnya menjana pertumbuhan ekonomi. Contohnya, maklumat penambahan bilangan pelancong bagi projek yang dilaksanakan tidak dapat disediakan oleh PBK yang terlibat. Semakan Audit juga mendapati terdapat pelbagai kajian dilaksanakan di peringkat awal projek, bagaimanapun tiada kajian dibuat selepas projek dilaksanakan iaitu bagi menentukan sejauh mana kejayaan projek telah diperolehi (penilaian *outcome*). Kejayaan projek yang dilaksanakan sepatutnya diukur bagi memastikan projek yang dilaksanakan adalah bersesuaian dan memberi kesan positif kepada pelancong, masyarakat dan ekonomi kawasan tersebut.

Maklum Balas Unit Kerjasama Awam Swasta Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Projek PBK kebanyakannya lebih bersifat 'complementary' memandangkan agensi utama adalah Kementerian Pelancongan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan projek pelancongan dilaksanakan dengan kerjasama dan persetujuan pihak berkenaan. Projek berkenaan apabila siap akan diserahkan sepenuhnya kepada PBT/agensi lain untuk operasi dan penyenggaraan.

Pada pendapat Audit, UKAS perlu memberikan penekanan kepada penilaian *outcome* bagi memastikan sesuatu projek dapat memberi impak yang positif kepada peningkatan aktiviti pelancongan dan seterusnya kepada ekonomi negara. Dengan cara ini kejayaan projek dan prestasi PBK dapat diukur dengan lebih berkesan.

4.5.4. Pemantauan

Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) tidak digunakan oleh UKAS bagi tujuan pemantauan projek kerana maklumat peruntukan dan perbelanjaan projek hanya dicatatkan bernilai RM10 sebagai token kepada setiap projek. Semua projek pembangunan pelancongan Wilayah Ekonomi Koridor diletakkan di bawah satu butiran iaitu Pembangunan Pelancongan 5 Wilayah Koridor (Butiran Unit Perancang Ekonomi). Bagi memudahkan pemantauan pihak UKAS telah menyediakan laporan pemantauan projek secara manual. Pada setiap bulan, laporan prestasi fizikal dan kewangan projek akan dikemukakan oleh PBK untuk semakan dan pemantauan oleh UKAS. Perbandingan ke atas rekod prestasi fizikal dan kewangan projek di UKAS dan maklumat yang dikemukakan oleh PBK mendapati wujud perbezaan di antara maklumat peruntukan dan perbelanjaan. Bagaimanapun setelah pemerhatian Audit dibangkitkan, maklumat peruntukan dan perbelanjaan UKAS dan PBK telah dikemas kini.

Maklum Balas Unit Kerjasama Awam Swasta Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Maklumat berkenaan pelaksanaan projek mengenai laporan prestasi fizikal dan kewangan sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa bersama-sama dengan semua PBK. Mesyuarat Pemantauan Pelaksanaan Projek-projek Pembangunan dan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan UKAS, diadakan secara berkala bersama PBK.

Pada pendapat Audit, maklumat kewangan projek/program mestilah sentiasa diselaraskan oleh kedua-dua pihak iaitu UKAS sebagai penyelaras projek/program dan PBK sebagai pelaksana.

4.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif projek ini dicapai secara berkesan dan memberi *value for money* adalah disyorkan supaya UKAS dan PBK mengambil tindakan seperti berikut:

4.6.1. Memastikan projek berjaya dilaksanakan seperti yang dirancang.

4.6.2. Memantau pembaikan ke atas pembinaan Projek Pembangunan Sayong *Riverfront* Kuala Kangsar; Projek Menaiktaraf Zoo Taiping dan Night Safari di Taiping, Perak; dan Projek Pembiakan Badak Sumbu Borneo Sumatera di Lahad Datu, Sabah.

4.6.3. Memantau pelaksanaan projek bagi memastikan kejayaan program dicapai secara menyeluruh.

4.6.4. Memberi penekanan terhadap kejayaan projek dengan membuat penilaian *outcome* supaya prestasi PBK diukur dengan lebih berkesan dan membantu dalam perancangan projek yang akan datang.

4.6.5. Mengemaskinikan maklumat kewangan dan status pelaksanaan projek supaya pemantauan dan penyeliaan terhadap program dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 42-47
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN KEWANGAN

5. PENGURUSAN PINJAMAN PERUMAHAN DI BAHAGIAN PINJAMAN PERUMAHAN

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Kerajaan telah menubuhkan satu Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (KWPP) yang diuruskan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan (BPP), Perbendaharaan Malaysia melalui Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 (Akta 42) yang bertujuan memberi pinjaman kepada anggota sektor awam. Sumber kewangan KWPP adalah terdiri daripada peruntukan Akaun Hasil Disatukan dan Kumpulan Wang Pembangunan; pinjaman daripada bank dan institusi kewangan; bayaran balik pinjaman dan faedah yang diterima. Manakala dana KWPP ini pula digunakan untuk bayaran pinjaman perumahan; insurans; perkhidmatan pensekuritian dan bayaran balik pinjaman yang diterima. Pada akhir tahun 2011, baki KWPP adalah berjumlah RM1.908 bilion. Kedudukan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PINJAMAN PERUMAHAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2011

TAHUN	BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta)	PENGELUARAN (RM Juta)	BAYARAN BALIK (RM Juta)	BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta)
2007	1,713.35	30,089.46	31,371.25	2,995.14
2008	2,995.14	15,115.81	14,576.55	2,455.88
2009	2,455.88	16,829.75	16,131.56	1,757.69
2010	1,757.69	9,046.63	10,502.40	3,213.46
2011	3,213.46	13,264.42	11,959.29	1,908.33

Sumber: Penyata Kewangan Tahun 2007, 2008, 2009, 2010 Dan 2011

5.1.2. Objektif BPP adalah untuk menguruskan pembiayaan perumahan awam secara profesional, berintegriti dan berhemat selaras dengan hasrat untuk membantu anggota sektor awam memiliki rumah sendiri. Skim pinjaman perumahan Kerajaan telah dilaksanakan mulai tahun 1970 di BPP Perbendaharaan Malaysia dan mulai bulan Jun 2009 BPP telah menubuhkan cawangannya di Sabah dan Sarawak yang menguruskan proses permohonan, kelulusan, cagaran serta bayaran kecuali pengeluaran cek/EFT untuk pemohon pinjaman perumahan di Sabah dan Sarawak.

5.1.3. BPP menyediakan 7 jenis pinjaman yang boleh dipohon seperti di **Jadual 5.2**. Sehingga 31 Disember 2011, terdapat 971,893 peminjam dengan baki pinjaman berjumlah RM51.152 bilion. Daripada baki tersebut, sejumlah RM19.944 bilion telah disekuritikan kepada Cagamas Berhad.

JADUAL 5.2
JENIS PINJAMAN YANG BOLEH DIPOHON

JENIS PINJAMAN	BUTIRAN
I	Membeli Rumah Atau Petak Rumah Kediaman Yang Telah Siap
II	Membina Rumah Di Atas Tanah Sendiri
III	Membeli Rumah Atau Petak Rumah Kediaman Dalam Pembinaan
IV	Membeli Tanah Dengan Tujuan Membina Rumah
V	Menyelesaikan Hutang Pinjaman Perumahan Daripada Bank/Institusi Kewangan
VI	Membina Rumah Di Atas Tanah Pemohon Yang Dibeli Melalui Pinjaman Kerajaan
VII	Membuat Kerja Ubah Suai Rumah

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan pinjaman perumahan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

5.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan pinjaman perumahan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 di Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia. Pengurusan pinjaman perumahan meliputi proses permohonan, pembiayaan pinjaman, bayaran balik pinjaman, tunggakan pinjaman, gadaian/cagaran, pensekuritian pinjaman, pelepasan hak milik dan pengurusan rekod/dokumen. Data sebelum tahun 2007 juga digunakan untuk tujuan analisis di mana perlu. Selain itu, laporan yang digunakan untuk tujuan analisis adalah berdasarkan laporan terkini yang dijana ketika tarikh pengauditan.

5.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan pinjaman perumahan; menjalankan analisis terhadap sampel maklumat dan data Sistem Pemprosesan Pinjaman (SPP) serta Sistem Kemaskini Akaun (SISKA) dengan menggunakan perisian *Audit Command Language* (ACL); dan temubual dengan pegawai yang bertanggungjawab untuk mendapat maklum balas berkenaan pengurusan pinjaman perumahan.

5.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2011 mendapati BPP telah berjaya merealisasikan hasrat Kerajaan untuk membantu anggota sektor awam memiliki rumah sendiri. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan pinjaman perumahan yang perlu diperbaiki seperti berikut:

i. maklumat bilangan peminjam dan baki pinjaman belum selesai tidak dapat disahkan;
ii. ketidakpatuhan syarat pinjaman;
iii. kelewatan bayaran kepada pemaju/pemegang taruhan;
iv. tunggakan bayaran balik pinjaman; dan
v. kelewatan mengambil tindakan terhadap peminjam mungkir dan permasalahan dalam pelepasan dokumen hak milik.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas pihak terlibat adalah seperti di perenggan berikut:

5.5.1. Prestasi Pinjaman

5.5.1.1. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011, BPP telah menerima 225,653 permohonan pinjaman perumahan. Bagi tempoh yang sama, sebanyak 211,131 permohonan dengan jumlah pembiayaan RM32.383 bilion telah diluluskan manakala 16,030 permohonan ditolak kerana peminjam tidak memenuhi kelayakan yang ditetapkan. Selain itu, 122,956 permohonan telah dikuiri disebabkan borang permohonan tidak lengkap atau wang proses terkurang bayar. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.3
STATISTIK PINJAMAN YANG DITERIMA, DITOLAK, DIKUIRI DAN DILULUSKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2011

PERMOHONAN	TAHUN					JUMLAH
	2007	2008	2009	2010	2011	
Terima	52,333	53,993	41,568	37,540	40,219	225,653
Tolak	3,811	3,396	2,982	2,518	3,323	16,030
Kuiri	10,930	13,177	23,069	37,096	38,684	122,956
Lulus						
Bil.	44,957	52,628	38,058	37,097	38,391	211,131
(RM Juta)	**5,829.90**	**7,582.71**	**5,919.71**	**6,254.36**	**6,796.22**	**32,382.90**

Sumber: ***Seksyen Proses, BPP***

5.5.1.2. Sehingga akhir tahun 2011, sebanyak 971,893 pinjaman perumahan telah dikeluarkan. Baki pinjaman perumahan yang belum selesai adalah berjumlah RM51.152 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 426,182 pinjaman dengan baki RM19.944 bilion telah dijual kepada Cagamas Berhad melalui pensekuritian. Dengan itu, pada akhir tahun 2011, Bahagian Pinjaman Perumahan mempunyai 545,711 peminjam dengan baki pinjaman belum selesai berjumlah RM31.208 bilion. Kedudukan baki pinjaman perumahan belum selesai bagi tempoh 5 tahun berturutan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.4
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN PERUMAHAN BELUM SELESAI PADA AKHIR TAHUN 2007 HINGGA 2011

TAHUN	BIL. PEMINJAM			BAKI PINJAMAN BELUM SELESAI		
	PADA 31 DIS.	PERTAMBAHAN/ (PENURUNAN)		PADA 31 DIS. (RM Juta)	PERTAMBAHAN/ (PENURUNAN)	
		JUMLAH	(%)		(RM Juta)	(%)
Akaun Pinjaman Yang Telah Disekuritikan						
2007	270,612	-	-	14,465.02	-	-
2008	368,639	98,027	36.2	19,191.87	4,726.85	32.7
2009	426,182	57,543	15.6	23,097.17	3,905.30	20.3
2010	426,182	-	-	21,511.80	(1,585.37)	(6.9)
2011	426,182	-	-	19,943.63	(1,568.17)	(7.3)
Akaun Pinjaman Yang Dimiliki Oleh Bahagian Pinjaman Perumahan						
2007	541,172	-	-	20,282.03	-	-
2008	494,367	(46,805)	(8.6)	20,495.22	213.19	1.1
2009	473,389	(20,978)	(4.2)	20,991.76	496.54	2.4
2010	508,874	35,485	7.5	26,007.23	5,015.47	23.9
2011	545,711	36,837	7.2	31,207.87	5,200.64	20.0

5.5.2. Pengesahan Maklumat Pinjaman

5.5.2.1. Akaun Pinjaman Berbaki Kredit

Semakan Audit mendapati pada tahun 2007, sebanyak 22,486 akaun pinjaman berbaki kredit dan berkurangan kepada 16,308 akaun pada tahun 2011 dengan baki kredit berjumlah RM36.71 juta. Ini menunjukkan bahawa BPP telah berhutang dengan peminjam dan memberikan gambaran yang tidak tepat mengenai pinjaman belum selesai secara keseluruhannya. Kedudukan akaun peminjam berbaki kredit bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.5
AKAUN PINJAMAN BERBAKI KREDIT BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2011

TAHUN	TARIKH LAPORAN	BIL. PEMINJAM			JUMLAH BAKI KREDIT		
		PADA 31 DIS.	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)		PADA 31 DIS. (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
			BIL.	(%)		(RM Juta)	(%)
2007	15.02.2008	22,486	-	-	59.73	-	-
2008	24.02.2009	24,044	1,558	6.9	59.80	0.07	0.1
2009	09.02.2010	22,787	(1,257)	5.2	59.45	(0.35)	0.6
2010	08.02.2011	16,664	(6,123)	26.9	30.92	(28.53)	48.0
2011	31.01.2012	16,308	(356)	2.1	36.71	5.79	18.7

Sumber: Rekod BPP, Kementerian Kewangan

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

Akaun berbaki kredit adalah disebabkan oleh waris masih belum mengemukakan Surat Tadbir Harta bagi kes kematian; masih tertakluk kepada proses perundangan bagi kes lelongan; amaun tambahan pinjaman belum dikemas kini ke dalam sistem; masih dalam tindakan Syarikat Insurans bagi proses pembatalan kepentingan polisi insurans dengan kekangan sistem yang tidak membenarkan sebarang pindaan dibuat pada tahun semasa. BPP turut memaklumkan, tindakan berterusan dan berperingkat sentiasa diambil bagi memastikan akaun yang berbaki kredit diselesaikan. Task force akan mula dilaksanakan mulai bulan September 2012 bagi mengurangkan bilangan akaun kredit secara berterusan.

5.5.2.2. Maklumat Pinjaman Tidak Dikemaskini

a. Akaun Pinjaman Yang Telah Selesai

Semakan Audit terhadap 452,086 senarai peminjam yang belum menyelesaikan baki pinjaman di bawah kendalian BPP mendapati 49,224 (10.9%) akaun berbaki kosong. Semakan terhadap 50 akaun tersebut mendapati peminjam telah menyelesaikan pinjaman tetapi akaun masih belum ditutup. Ringkasan peminjam yang berbaki kosong adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.6
AKAUN PEMINJAM YANG BERBAKI KOSONG

TAHUN DAFTAR	BIL. PEMINJAM
1982 – 1989	387
1990 – 1999	12,705
2000 – 2006	13,693
2007	1,385
2008	1,762
2009	4,261
2010	5,264
2011	9,767*
JUMLAH	**49,224**

Sumber: Rekod BPP, Kementerian Kewangan
Nota : (*) - Setakat Mei 2011

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

Sehingga 11 Mei 2012 didapati bilangan akaun aktif yang berbaki kosong dari tahun 1982 hingga 2011 dalam rekod BPP adalah sebanyak 12,006. Proses penutupan akaun yang telah berbaki kosong dalam SISKA mengambil masa sekurang-kurangnya 2 tahun. Ini adalah kerana kekangan sistem yang tidak membenarkan sebarang pindaan dibuat pada tahun semasa (pindaan tahun semasa hanya boleh dibuat pada tahun hadapan) dan juga kekangan kakitangan yang tidak mencukupi. Bagi mengatasi masalah ini, BPP akan membentuk taskforce bagi mengemas kini akaun dan menutup fail-fail tersebut.

b. Akaun Pinjaman Yang Dibatalkan

i. Laporan Baki Akaun Subsidiari yang dijanakan oleh sistem SISKA menunjukkan 68 peminjam berstatus batal tetapi masih aktif dengan baki pinjaman berjumlah RM5.82 juta. Ringkasan akaun pinjaman yang dibatalkan tetapi masih aktif adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.7
AKAUN PINJAMAN YANG DIBATALKAN
BAGI TEMPOH TAHUN 1997 HINGGA 2011 TETAPI MASIH AKTIF

TAHUN BATAL	BIL. PEMINJAM	AMAUN (RM Juta)
1997 - 1999	14	0.43
2000 - 2001	6	0.33
2002 - 2003	6	0.29
2004 - 2005	6	0.38
2006 - 2007	9	0.73
2008 - 2009	2	0.07
2010 - 2011	25	3.59
JUMLAH	**68**	**5.82**

ii. Semakan Audit mendapati, maklumat akaun peminjam tidak kemas kini adalah disebabkan oleh sistem yang dibangunkan di BPP tidak berintegrasi antara satu sama lain. Oleh yang demikian, penyemakan data perlu dilakukan di setiap sistem yang ada seperti SISKA, SPP dan sebagainya secara berasingan.

Pada pendapat Audit, BPP perlu mengambil tindakan segera untuk mengemaskini maklumat akaun peminjam. Selain itu, BPP perlu menaik taraf sistem sedia ada agar sistem tersebut mampu berhubung dan berintegrasi antara satu sama lain. Dengan ini apabila sesuatu data/maklumat di kunci masuk, kesemua sistem yang berkaitan akan dikemaskini secara automatik. Seterusnya maklumat akaun peminjam dan baki pinjaman dapat dijana secara tepat dan terkini.

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

Sistem Pinjaman Perumahan Bersepadu sedang dibangunkan secara inhouse dan dijangka dapat digunakan sepenuhnya pada akhir tahun 2014. Sistem ini merupakan sistem atas talian bagi menyokong keseluruhan proses pinjaman perumahan.

5.5.3. Proses Pinjaman

5.5.3.1. Tempoh Pinjaman Bagi Peminjam Memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Merujuk kepada syarat pinjaman perumahan yang dikeluarkan oleh pihak BPP, peminjam yang memilih skim KWSP hendaklah memastikan amaun pinjaman diselesaikan sebelum peminjam bersara. Berdasarkan kepada rekod BPP, seramai 14,486 peminjam telah memilih skim KWSP. Analisis yang dijalankan mendapati arahan potongan gaji bagi 2,827 (19.5%) peminjam hanya akan tamat selepas tarikh bersara iaitu antara umur 58 tahun hingga 78 tahun dengan andaian kesemua peminjam tersebut memilih untuk bersara pada umur 58 tahun. Semakan Audit selanjutnya terhadap 20 sampel fail peminjam bagi mengesahkan hasil analisis yang dijalankan mendapati arahan potongan gaji (APG) terakhir bagi 18 (90%) peminjam adalah melebihi tarikh bersara antara 4 bulan hingga 11 tahun 9 bulan seperti di **Jadual 5.8**. Manakala seorang peminjam telah memilih skim pencen dan APG terakhir bagi seorang

lagi peminjam melebihi satu bulan daripada tarikh bersara. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.8
ARAHAN POTONGAN GAJI TERAKHIR MELEBIHI TARIKH BERSARA

NO. FAIL PINJAMAN	TARIKH BERSARA	TAMAT APG	MELEBIHI TEMPOH PERSARAAN
16743/1999/01	13.07.2022	02/2025	2 Tahun 7 Bulan
4190/1999/03	02.01.2024	12/2025	2 Tahun
51341/1999/03	26.04.2021	10/2022	1 Tahun 8 Bulan
65111/2002/04	14.11.2023	10/2028	4 Tahun 11 Bulan
10296/2003/03	12.08.2023	08/2025	2 Tahun
55366/2003/04	22.03.2025	07/2028	3 Tahun 4 Bulan
60223/2004/03	05.02.2012	11/2031	19 Tahun 9 Bulan
1287/2005/03	17.11.2028	06/2030	1 Tahun 6 Bulan
3906/2005/03	24.02.2028	11/2029	9 Bulan
3539/2007/03	01.09.2027	07/2028	11 Bulan
58631/2007/03	06.11.2028	07/2029	8 Bulan
18646/2008/05	11.02.2026	09/2026	7 Bulan
18869/2008/05	03.01.2025	05/2025	4 Bulan
19206/2008/01	06.02.2024	10/2024	8 Bulan
22863/2008/03	03.01.2028	06/2031	3 Tahun 5 Bulan
2720/2008/03	08.02.2029	03/2032	3 Tahun
8558/2008/03	30.03.2031	07/2032	1 Tahun 3 Bulan
60664/2009/03	21.12.2028	01/2031	2 Tahun 1 Bulan

Nota: ***APG - Arahan Potongan Gaji***

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

Bagi pinjaman yang diluluskan sebelum tahun 2004, borang permohonan dan Sistem SPP tidak menyatakan sama ada peminjam adalah pencarum KWSP atau skim Pencen. Oleh itu, kelulusan yang diberikan adalah tempoh maksimum pinjaman. Manakala bagi pinjaman yang diluluskan selepas tahun 2004, catatan telah dibuat pada laporan perakuan sama ada peminjam memilih skim KWSP atau skim Pencen. Bagi peminjam memilih skim KWSP, tempoh kelulusan pinjaman adalah berdasarkan baki pinjaman yang tinggal (pengiraan secara automatik oleh sistem). Tempoh Arahan Potongan Gaji pula adalah berdasarkan tempoh kelulusan yang diberi.

Pada pendapat Audit bagi peminjam yang memilih skim KWSP, langkah awal hendaklah diambil bagi memastikan potongan gaji yang dibuat tidak melebihi umur persaraan. Perbincangan dengan peminjam boleh dilaksanakan sebagai langkah awal bagi mengelak sebarang kemungkiran pinjaman. Bahagian Pinjaman Perumahan juga hendaklah memastikan proses kerja dibuat dengan teratur dan mengikut syarat yang ditetapkan.

5.5.3.2. Kelewatan Meluluskan Permohonan

Merujuk kepada piagam pelanggan BPP, permohonan pertama akan diluluskan dalam satu hari manakala pinjaman ubah suai pula dalam tempoh 21 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima. Semakan Audit mendapati sebanyak 28,802 (15.5%) daripada 186,230 permohonan pinjaman perumahan bagi tempoh tahun 2007 hingga bulan Julai 2011 lewat diluluskan. Analisis Audit selanjutnya terhadap 1,250 (4.3%) daripada 28,802 fail permohonan pinjaman perumahan yang lewat diluluskan mendapati permohonan pinjaman perumahan berkenaan lewat diluluskan antara 30 hingga 4,492 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.9
KELEWATAN MELULUSKAN PINJAMAN PERUMAHAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA BULAN JULAI 2011

TAHUN FAIL PERMOHONAN DIBUKA	BIL. PERMOHONAN DILULUSKAN	BIL. PERMOHONAN LEWAT DILULUSKAN			
		JUMLAH	(%)	SAMPEL AUDIT	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
2007	43,694	6,501	14.9	250	30 - 2,986
2008	49,713	6,800	13.7	250	30 - 2,990
2009	37,015	6,837	18.5	250	30 - 3,527
2010	35,085	5,726	16.3	250	30 - 4,492
2011 (sehingga bulan Julai)	20,723	2,938	14.2	250	30 - 3,878
JUMLAH	**186,230**	**28,802**	**15.5**	**1,250**	**30 - 4,492**

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

Kelewatan meluluskan permohonan pinjaman disebabkan peminjam gagal mengemukakan permohonan yang lengkap dan pertanyaan perlu dikeluarkan oleh BPP kepada peminjam supaya melengkapkannya. Di samping itu, masalah pada sistem juga menyumbang kepada tempoh kelewatan tersebut. Bagi akaun pinjaman jenis VI, sistem menunjukkan tarikh penerimaan permohonan pinjaman pembelian tanah manakala tarikh kelulusan adalah bagi pinjaman untuk membina rumah. Bagi tujuan penambahbaikan, Sistem Pinjaman Perumahan Bersepadu (SPPB) dibangunkan di mana permohonan pinjaman secara online dapat mengatasi masalah tarikh penerimaan dan tarikh kelulusan pinjaman.

5.5.4. Pengurusan Bayaran Pinjaman

5.5.4.1. Mengikut Piagam Pelanggan BPP, bayaran hendaklah dijelaskan dalam tempoh 15 hari daripada tarikh tuntutan lengkap diterima. Semakan Audit terhadap 87 fail peminjam mendapati 111 baucar bayaran pinjaman lewat dikeluarkan kepada pemaju/peminjam/bank melalui peguam antara 8 hingga 493 hari dari tarikh tuntutan diterima. Ini menyebabkan peminjam terpaksa menanggung penalti yang dikenakan oleh pemaju. Antara punca yang menyumbang kepada kelewatan ini adalah dokumen gadaian/penyerahan hak (Assignment) belum dicagarkan/gadai. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.10
KELEWATAN MENGELUARKAN BAUCAR BAYARAN

HARI LEWAT	BIL. BAUCAR	NILAI (RM Juta)
8 - 70	92	3.65
71 - 140	12	0.61
141 - 210	2	0.05
211 - 280	-	-
281 - 350	1	0.01
351 - 420	3	0.04
421 - 493	1	*
JUMLAH	**111**	**4.36**

Nota: (*) - Angka Sebenar RM2,125.00

5.5.4.2. Seksyen Cagaran, BPP bertanggungjawab menyedia, mengeluar dan memproses dokumen cagaran/gadaian untuk membolehkan harta dicagar kepada Kerajaan dan seterusnya membolehkan bayaran pinjaman dikeluarkan kepada penjual/pemaju. Mengikut syarat pinjaman, peminjam hendaklah mengemukakan Surat Setuju Terima (SST) bersama dengan Borang Gadaian kepada BPP dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh surat kelulusan pinjaman. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi,

kelulusan pinjaman/pembiayaan tersebut akan ditahan atau ditarik balik. Sehingga tarikh pengauditan, BPP hanya dapat menjana Laporan Jumlah Harta Belum Dicagar/Gadai bagi tempoh tahun 1980 hingga 2009 kerana permohonan tahun 2010 dan 2011 belum diambil kira sebagai lewat untuk dicagar/gadai. Semakan Audit terhadap laporan berkenaan mendapati sebanyak 15,209 hartanah belum dicagarkan/digadai seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.11
HARTANAH BELUM DICAGAR/GADAI

TAHUN	JENIS CAGARAN/GADAIAN			JUMLAH KESELURUHAN
	GADAIAN	PENYERAHAN HAK	PENYERAHAN HAK KE GADAIAN	
1980 - 1999	2,682	894	3,361	6,937
2000 - 2006	1,562	583	4,315	6,460
2007	46	49	548	643
2008	189	86	567	842
2009	81	29	217	327
JUMLAH	**4,560**	**1,641**	**9,008**	**15,209**

5.5.4.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati BPP tidak mengambil tindakan menahan atau menarik balik kelulusan pinjaman tersebut walaupun ada antara pinjaman tersebut telah diluluskan pada tahun 1980. Antara sebab harta belum dicagar/gadai adalah seperti berikut:

a. Penerimaan Dokumen Gadaian/Penyerahan Hak Lewat Diproses Oleh BPP

Mengikut Piagam Pelanggan BPP, Seksyen Cagaran akan menyempurnakan penerimaan gadaian/penyerahan hak dalam tempoh 5 hari bekerja daripada tarikh dokumen diterima. Borang cagaran yang diterima akan disemak bersama dengan SST untuk didaftarkan dan diproses serta dikembalikan kepada peguam untuk memindah milik harta tersebut kepada Kerajaan. Dokumen yang telah disempurnakan oleh peguam akan dikembalikan dan didaftarkan semula dalam Sistem Buku Daftar Cagaran (SBDC) dengan diberi nombor simpanan untuk disimpan dalam Bilik Geran. Semakan Audit terhadap 200 dokumen gadaian mendapati sebanyak 11 (5.5%) dokumen gadaian/penyerahan hak lewat diproses antara 7 hingga 36 hari dari tarikh dokumen diterima. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.12
KELEWATAN MEMPROSES DOKUMEN GADAIAN/PENYERAHAN HAK OLEH BPP

NO FAIL	TARIKH LULUS	TARIKH SST	TARIKH BORANG GADAIAN DI KEMBALI	TARIKH PENDAFTARAN	KELEWATAN (Hari)
1839/2011/03	08.02.2011	18.02.2011	17.06.2011	28.07.2011	36
3546/2011/03	11.03.2011	02.06.2011	03.06.2011	27.06.2011	19
2582/2011/01	12.04.2011	27.04.2011	07.06.2011	30.06.2011	18
3165/2011/01	06.06.2011	17.06.2011	29.06.2011	22.07.2011	18
1065/2011/04	01.06.2011	16.06.2011	21.06.2011	12.07.2011	16
1075/2011/04	09.06.2011	23.06.2011	24.06.2011	11.07.2011	12
4339/2011/03	25.03.2011	14.04.2011	17.06.2011	28.06.2011	11
3377/2011/01	30.05.2011	14.06.2011	15.06.2011	27.06.2011	7
3923/2011/02	09.05.2011	20.05.2011	10.06.2011	22.06.2011	7
4583/2011/02	18.04.2011	04.05.2011	10.06.2011	22.06.2011	7
4941/2011/03	06.04.2011	22.04.2011	09.06.2011	21.06.2011	7

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

Kelewatan adalah disebabkan oleh dokumen tidak lengkap yang berlaku di pihak peguam atau peminjam lewat mengembalikan Surat Setuju Terima Tawaran (Borang E).

b. Penyerahan Dokumen Gadaian/Penyerahan Hak Oleh Peguam

Pihak BPP tidak menetapkan tempoh masa bagi peguam untuk menyempurna dan mengembalikan dokumen cagaran/penyerahan hak kepada BPP. Semakan Audit terhadap 200 dokumen gadaian mendapati peguam mengambil masa antara 3 hingga 4,069 hari untuk mengembalikan dokumen cagaran kepada BPP dari tarikh dokumen tersebut dihantar kepada peguam. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.13
BILANGAN HARI DIAMBIL OLEH PEGUAM UNTUK MENGEMBALIKAN DOKUMEN GADAIAN/PENYERAHAN HAK

TEMPOH KELEWATAN (Hari)	BIL. DOKUMEN TERLIBAT
3 - 100	99
101 - 300	67
301 - 500	6
501 - 800	10
801 - 1,000	5
1,001 - 4,069	13
JUMLAH	**200**

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

Kelewatan yang berlaku adalah disebabkan oleh dokumen tidak lengkap yang berlaku di pihak peguam atau dokumen lewat didaftar oleh peguam ke Pejabat Tanah/Mahkamah Tinggi. Bagi tujuan penambahbaikan, mulai tahun 2004 BPP telah membuat sekatan bayaran kemajuan sebanyak 20% bagi memastikan cagaran harta disempurnakan. Bagi fail-fail sebelum tahun 2004, task force telah diwujudkan bagi memastikan harta dicagar kepada Kerajaan.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran pinjaman boleh dipertingkatkan lagi supaya mencapai Piagam Pelanggan yang ditetapkan dengan memastikan dokumen cagaran/penyerahan hak disempurnakan dengan segera. Sehubungan itu, BPP perlu menetapkan tempoh masa bagi peguam mengembalikan dokumen cagaran/ penyerahan hak setelah harta dicagarkan kepada Kerajaan.

5.5.5. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman

5.5.5.1. Bagi bayaran balik pinjaman, Arahan Potongan Gaji (APG) akan dikeluarkan oleh Unit Potongan Bayaran Balik, Seksyen Akaun BPP kepada Kementerian/Jabatan/ Agensi di mana peminjam berkhidmat dan berkuat kuasa sebulan selepas bayaran 95% atau 100% kesiapan rumah atau 18 bulan daripada tarikh baucar pertama atau yang mana terdahulu bagi pinjaman jenis II dan III. Manakala untuk pinjaman jenis I, IV dan V, APG dikeluarkan satu bulan selepas bayaran dikeluarkan dan bagi kes penjadualan semula pinjaman, APG dikeluarkan selepas 3 bulan. Bagi Arahan Potongan Pencen (APP) pula, ia dikeluarkan 6 bulan sebelum tarikh persaraan dan disediakan selewat-lewatnya 21 hari daripada tarikh penerimaan surat pemberitahuan persaraan oleh Ketua Jabatan. APP berkenaan dikemukakan kepada peminjam, Kementerian/Jabatan, Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau Jabatan Rekod Dan Pencen, Angkatan Tentera Malaysia (JRP) bagi anggota tentera.

5.5.5.2. Peminjam yang mempunyai tunggakan melebihi 3 bulan akan dikategorikan sebagai peminjam mungkir dan dilaporkan mengikut status perkhidmatan seperti masih berkhidmat, bersara wajib, bersara pilihan sendiri, bersara KWSP, penswastaan, tamat perkhidmatan dan sebagainya. Setakat bulan Disember 2011, terdapat 44,589 peminjam mungkir dengan tunggakan pinjaman berjumlah RM779.77 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.14
LAPORAN RINGKASAN PEMINJAM MUNGKIR
MENGIKUT STATUS PERKHIDMATAN SEHINGGA BULAN DISEMBER 2011

STATUS PERKHIDMATAN	BILANGAN PINJAMAN	TUNGGAKAN PINJAMAN (RM Juta)
Masih Berkhidmat	16,263	131.52
Bersara Wajib	11,141	71.75
Bersara Pilihan Sendiri	1,039	19.09
Persaraan KWSP	174	2.13
Penswastaan	145	0.58
Tamat Perkhidmatan	9,313	187.31
Meletak Jawatan	1,568	179.92
Tidak Hadir Bertugas	337	23.20
Dibuang Kerja	1,187	85.38
Digantung Kerja	86	4.97
Kes Bankrap	47	2.73
Meninggal Dunia	749	16.71
Lain-Lain	2,540	54.48
JUMLAH	**44,589**	**779.77**

5.5.5.3. Semakan Audit mendapati antara faktor yang menyebabkan berlakunya tunggakan bayaran balik pinjaman adalah seperti berikut:

a. Peminjam Tiada Arahan Potongan Gaji

Berdasarkan kepada Laporan Senarai Peminjam Yang Tiada APG bertarikh 12 Mac 2012, sebanyak 2,102 peminjam perlu dikeluarkan APG tetapi masih belum dikeluarkan APG. Ringkasan peminjam yang tiada APG antara tahun 1995 hingga 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.15
PEMINJAM YANG TIADA ARAHAN POTONGAN GAJI (APG)

TAHUN DAFTAR	BIL. PEMINJAM	JUMLAH LULUS (RM Juta)	JUMLAH PENGELUARAN (RM Juta)
1995	1	0.07	*
2002	1	0.08	0.08
2006	1	0.11	0.10
2007	1	0.09	0.07
2008	14	1.79	1.20
2009	188	28.86	22.49
2010	959	176.44	144.17
2011	937	140.09	136.87
JUMLAH	**2,102**	**347.53**	**304.99**

Nota: ***(*) - Angka Sebenar RM5,943.00***

b. Kelewatan Mengeluarkan Arahan Potongan Gaji (APG)

Analisis Audit terhadap data Sistem Pengurusan Peminjam (SPP) mendapati BPP lewat mengeluarkan APG kepada 108,658 peminjam antara 19 hingga 345 bulan. Sebanyak 50 sampel telah dipilih untuk semakan lanjut dan didapati 45 (90%) sampel tersebut telah lewat dikeluarkan APG antara satu hingga 142 bulan. Kelewatan ini telah menyumbang kepada kelewatan bayaran balik pinjaman dan seterusnya menyebabkan Kerajaan lewat mendapat hasil daripada faedah yang dikenakan.

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

Sehingga bulan Mei 2012, hanya 512 peminjam yang belum dikeluarkan Arahan Potongan Gaji dan perkara ini dijangka dapat diselesaikan pada bulan Jun 2012. Kelewatan mengeluarkan APG adalah disebabkan BPP perlu menyemak terlebih dahulu setiap fail bagi tujuan pengesahan. BPP telah membuat penambahbaikan

di mana mulai bulan Februari 2012 pengeluaran Arahan Potongan Gaji adalah berdasarkan Laporan Senarai Peminjam Tiada APG tanpa perlu merujuk kepada fail dan seterusnya dicantumkan ke dalam fail peminjam. Selain itu, BPP telah melaksanakan potongan gaji terus secara online melalui Jabatan Akauntan Negara tanpa perlu diproses di Jabatan peminjam.

c. Arahan Potongan Pencen/Ganjaran Tidak Dilaksanakan Oleh Bahagian Pencen JPA

Berdasarkan kepada Laporan Senarai Arahan Potongan Pencen (APP) Tidak Dilaksanakan Oleh JPA Pencen bertarikh 27 Oktober 2011, adalah didapati bagi tahun 2010 sebanyak 248 arahan potongan pencen/ganjaran telah dikeluarkan kepada Bahagian Pencen, JPA untuk arahan potongan daripada pencen dan ganjaran peminjam dengan jumlah RM104,678 dan RM365,712. Potongan APP/ganjaran sepatutnya bermula antara bulan Januari 2010 hingga Disember 2010. Bagaimanapun berdasarkan kepada Laporan ini, adalah didapati Bahagian Pencen, JPA tidak melaksanakan arahan potongan tersebut.

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

Kedudukan pengeluaran APP/APG adalah seperti berikut:

JADUAL 5.16
RINGKASAN MAKLUM BALAS BPP

STATUS POTONGAN	BIL. PEMINJAM TERLIBAT	CATATAN
Peminjam Masih Berkhidmat	150	Perlanjutan Tempoh Perkhidmatan Daripada 56 Tahun Kepada 58 Tahun Dan Semakan Semula Status Perkhidmatan Dengan Pihak Bahagian Pasca Perkhidmatan JPA
Telah Dilaksanakan	98	
JUMLAH	**248**	

d. Arahan Potongan Pencen (APP) Lewat Dikeluarkan

Semakan Audit terhadap Laporan Senarai Arahan Potongan Pencen (APP) yang dikeluarkan bagi bulan Ogos 2011 mendapati sebanyak 1,260 arahan telah dikeluarkan kepada Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), manakala 224 arahan telah dikeluarkan kepada Jabatan Rekod dan Pencen (JRP), Tentera. Semakan terhadap 100 sampel yang dipilih mendapati APP/Ganjaran lewat dikeluarkan oleh BPP antara 20 hingga 312 bulan kepada Bahagian Pencen, JPA. APP kepada JRP Tentera pula lewat dikeluarkan antara satu hingga 320 bulan.

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

Antara faktor yang menyebabkan kelewatan APP dikeluarkan adalah kelewatan menerima makluman daripada pihak majikan atau peminjam; makluman pesaraan pegawai yang diterima tidak lengkap atau APP dikeluarkan semula kerana peminjam mempunyai tunggakan atau baki debit yang tidak dapat diselesaikan oleh peminjam secara sekaligus. Bagi tujuan penambahbaikan, perbincangan telah diadakan dengan Bahagian Pasca Perkhidmatan JPA untuk melaksanakan APP secara atas talian dan ia dijangka dapat dilaksanakan bermula pada awal tahun 2013.

Pada pendapat Audit, BPP hendaklah memastikan pengurusan kutipan bayaran balik pinjaman dibuat dengan teratur dengan mengeluarkan APG dan APP dalam tempoh yang ditetapkan. Pemantauan oleh pihak BPP terhadap Kementerian/Jabatan/Agensi berkaitan pelaksanaan APG dan APP hendaklah dibuat secara berkala. Kelewatan pengeluaran APG dan APP akan menyebabkan tunggakan bayaran balik meningkat.

5.5.5.4. Tindakan Terhadap Peminjam Mungkir Oleh Unit Kawalan Kredit

Unit Kawalan Kredit, BPP menerima Laporan Senarai Peminjam Mungkir yang telah dijana oleh Seksyen Teknologi Maklumat, BPP. Laporan tersebut mengandungi maklumat peminjam mungkir pada tahun sebelum. Berdasarkan laporan tersebut, Unit Kawalan Kredit akan menyemak fail, status peminjam dan mengemaskini akaun peminjam sebelum mengeluarkan notis tuntutan. Selepas 3 kali notis tuntutan dan tunggakan bayaran balik pinjaman masih tidak dijelaskan, kes berkenaan akan dipindahkan ke Seksyen Perundangan. Semakan Audit terhadap tunggakan bayaran balik pinjaman mendapati perkara seperti berikut:

a. Laporan Senarai Akaun Bertunggakan Sehingga Urusniaga Bulan Disember Tahun 2010 menunjukkan 42,965 peminjam dengan baki tunggakan pinjaman berjumlah RM721.43 juta. Daripada jumlah tersebut, seramai 28,430 (66.2%) peminjam mungkir telah dikeluarkan notis tuntutan tunggakan, 10,417 (24.2%) peminjam mungkir sedang diambil tindakan untuk dikeluarkan notis tuntutan dan 4,118 (9.6%) peminjam yang mempunyai tunggakan kurang daripada 12 bulan dengan baki RM16.94 juta masih belum dikeluarkan Notis Tuntutan Tunggakan.

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

Sehingga bulan Mei 2012, daripada 4,118 peminjam yang mempunyai tunggakan kurang dari 12 bulan, hanya 521 fail yang masih belum dikeluarkan notis dan dijangka dapat diselesaikan pada bulan Jun 2012. Mulai tahun 2012, notis tuntutan hanya dikeluarkan sekali sahaja dan jika tiada pembayaran balik diterima, fail akan dikemukakan terus ke Seksyen Perundangan untuk tindakan undang-undang.

b. Semakan Audit selanjutnya terhadap 54 fail peminjam yang telah dikeluarkan notis tuntutan tunggakan mendapati BPP mengambil masa antara satu hingga 115 bulan untuk menghantar notis tuntutan tunggakan. Tempoh yang diambil untuk mengeluarkan notis tuntutan tunggakan pertama, kedua dan ketiga adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.17
TEMPOH MASA YANG DIAMBIL UNTUK
MENGHANTAR NOTIS TUNTUTAN TUNGGAKAN

TEMPOH MASA PENGHANTARAN NOTIS (Bulan)	BIL. NOTIS TUNGGAKAN		
	PERTAMA	KEDUA	KETIGA
1 - 12	21	10	1
13 - 24	13	2	-
25 - 60	10	8	2
61 - 100	3	3	1
101 - 115	1	1	-
JUMLAH	**48**	**24**	**4**

Nota: - Terdapat 6 Peminjam Tiada Maklumat Berkaitan Notis Pertama
- Hanya 24 Peminjam Mempunyai Maklumat Berkaitan Notis Kedua
- Hanya 4 Peminjam Mempunyai Maklumat Berkaitan Notis Ketiga

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

Keutamaan pengeluaran notis adalah diberikan kepada kes peminjam yang mempunyai amaun tunggakan yang tertinggi dan juga tempoh tunggakan yang terlalu lama.

5.5.5.5. Tindakan Terhadap Peminjam Mungkir Oleh Seksyen Perundangan

Berdasarkan Laporan Statistik Peminjam Mungkir Mengikut Status Perkhidmatan terdapat 410 peminjam mungkir yang dikenakan tindakan perundangan sehingga bulan Ogos 2011 berbanding 1,360 peminjam pada tahun 2007 iaitu penurunan 950 peminjam (70.0%) seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.18
PEMINJAM MUNGKIR DALAM TINDAKAN PERUNDANGAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA BULAN OGOS 2011

PADA AKHIR TAHUN	BIL. PEMINJAM MUNGKIR	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)		BAKI HUTANG (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
		BIL.	(%)		(RM Juta)	(%)
2007	1,360	-	-	96.57	-	-
2008	697	(663)	(48.8)	43.62	(52.95)	(54.8)
2009	868	171	24.5	54.34	10.72	24.6
2010	575	(293)	(33.8)	45.57	(8.77)	(16.1)
2011 (sehingga bulan Ogos)	410	(165)	(29.0)	62.59	17.02	37.3

Semakan Audit ke atas tindakan yang diambil oleh Seksyen Perundangan terhadap peminjam mungkir mendapati perkara seperti berikut:

a. Notis Tuntutan Guaman

i. Sebanyak 3 kali Notis Tuntutan Guaman akan dikeluarkan oleh Unit Notis, Seksyen Perundangan bagi kes tunggakan yang belum selesai setelah 3 kali notis tuntutan dikeluarkan oleh Unit Kawalan Kredit. Sebelum Notis Tuntutan Guaman dikeluarkan, Unit ini juga perlu mendapatkan maklum balas Laporan Nilaian Hartanah daripada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan surat mentadbir harta pusaka jika melibatkan kes kematian. Antara notis yang dikeluarkan adalah Notis Tuntutan Guaman Belum Tamat Tempoh, Notis Tamat Tempoh, Notis Pembatalan, Kematian dan *Assignment* Belum Selesai. Semakan Audit mendapati Notis Tuntutan Guaman masih belum dikeluarkan bagi kes berikut:

- 136 pinjaman dengan baki hutang berjumlah RM8.26 juta melibatkan peminjam yang belum/telah tamat tempoh potongan gaji, pembatalan pinjaman dan bersara pilihan/wajib.
- 94 pinjaman dengan baki hutang berjumlah RM1.43 juta bagi kes kematian iaitu peminjam yang mempunyai tunggakan sebelum kematian dan telah tamat tempoh potongan gaji. Manakala bayaran insurans tidak dapat menampung tunggakan sebelum kematian. Antaranya adalah kes kematian pada tahun 1986 (26 tahun) tetapi masih belum diambil tindakan oleh BPP.
- 69 peminjam bagi kes *Assignment* dengan baki hutang berjumlah RM4.95 juta. Tujuh daripadanya adalah pinjaman yang telah tamat tempoh arahan potongan gaji dengan baki hutang berjumlah RM0.15 juta. Manakala 14 kes lagi adalah kes kematian dengan baki hutang berjumlah RM0.21 juta.

- Terdapat 18 peminjam masih belum dikeluarkan Notis Tuntutan Guaman bagi mendapatkan baki pinjaman berjumlah RM0.60 juta selepas selesai lelongan hartanah.

Maklumat terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.19
NOTIS TUNTUTAN GUAMAN YANG BELUM DIKELUARKAN KEPADA PEMINJAM MUNGKIR

KATEGORI	BIL. PEMINJAM	BAKI HUTANG (RM Juta)
Peminjam Belum Tamat/Telah Tamat Tempoh Potongan Gaji, Pembatalan Pinjaman dan Bersara Wajib/Pilihan	136	8.26
Tunggakan Sebelum Kematian	94	1.43
Penyerahan Hak (Assignment)	69	4.95
Baki Pinjaman Selepas Lelongan	18	0.60

ii. Semakan Audit selanjutnya terhadap 54 fail peminjam yang telah dihantar Notis Tuntutan Guaman mendapati BPP mengambil masa antara satu hingga 140 bulan untuk menghantar notis tersebut. Pengiraan tempoh penghantaran notis adalah daripada tarikh terakhir penghantaran notis tuntutan tunggakan. Hasil analisis Audit adalah seperti berikut:

JADUAL 5.20
TEMPOH MASA YANG DIAMBIL UNTUK MENGHANTAR NOTIS TUNTUTAN GUAMAN

TEMPOH MASA PENGHANTARAN NOTIS (Bulan)	BIL. NOTIS TUNTUTAN GUAMAN		
	PERTAMA	KEDUA	KETIGA
1 - 12	9	3	-
13 - 24	8	1	-
25 - 60	19	5	2
61 - 100	10	-	-
101 - 140	4	-	-
JUMLAH	**50**	**9**	**2**

Nota: ***- Terdapat 4 Peminjam Tiada Maklumat Berkaitan Notis Pertama***
- Hanya 9 Peminjam Mempunyai Maklumat Berkaitan Notis Kedua
- Hanya 2 Peminjam Mempunyai Maklumat Berkaitan Notis Ketiga

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

Notis tuntutan lewat/belum dikeluarkan adalah disebabkan oleh kekurangan perjawatan serta menunggu keputusan carian alamat dan carian kebankrapan yang mengambil masa kerana melibatkan agensi luar. Bagi tujuan penambahbaikan, task force telah diwujudkan untuk menyelesaikan kes-kes yang tiada tindakan.

b. Notis Kemungkiran Mengenai Suatu Gadaian (Notis 16D)

i. Notis 16D dikeluarkan selepas satu bulan Notis Tuntutan Guaman tidak diambil tindakan oleh peminjam. Notis tersebut dikeluarkan bagi mengarahkan peminjam memulihkan pelanggaran syarat perjanjian sebagaimana yang dinyatakan dalam gadaian. Peminjam dikehendaki memulihkan pelanggaran syarat tersebut dengan menjelaskan tunggakan baki hutangnya dalam tempoh satu bulan daripada tarikh penyampaian notis. Semakan Audit mendapati seramai 45 pinjaman dengan baki tunggakan berjumlah RM2.64 juta masih belum dikeluarkan Notis 16D di mana antaranya Notis Tuntutan Guaman telah dikeluarkan semenjak tahun 2001.

ii. Semakan Audit selanjutnya terhadap 54 fail peminjam yang telah dihantar notis 16D pula mendapati BPP mengambil masa antara satu hingga 60 bulan untuk menghantar notis tersebut. Pengiraan dibuat daripada tarikh terakhir Notis Tuntutan Guaman dihantar. Hasil analisis adalah seperti berikut:

JADUAL 5.21
TEMPOH MASA YANG DIAMBIL UNTUK MENGHANTAR NOTIS 16D

TEMPOH MASA PENGHANTARAN NOTIS (Bulan)	BIL. KES
1 hingga 12	20
13 hingga 24	12
25 hingga 60	22
JUMLAH	**54**

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan sesuatu notis belum/lewat dikeluarkan seperti permohonan daripada peminjam untuk menangguhkan tindakan selepas menerima notis tuntutan Guaman.

c. Saman Pemula Di Mahkamah Tinggi Dan Notis 16G Di Pejabat Tanah

i. Selepas sebulan Notis Kemungkiran Mengenai Suatu Gadaian (Notis 16D) dikeluarkan dan tunggakan pinjaman tidak dijelaskan oleh peminjam, permohonan perintah jualan dikemukakan sama ada Saman Pemula di Mahkamah Tinggi bagi hak milik tanah yang didaftarkan di Pejabat Pendaftar atau Permohonan Daripada Pemegang Gadaian Mendapat Perintah Jualan (Notis 16G) di Pejabat Tanah bagi kes hakmilik tanah yang didaftarkan di Pejabat Tanah Daerah. Sebanyak 720 Saman Pemula dan 385 Notis 16G telah dikeluarkan bagi tempoh tahun 2007 hingga bulan Ogos 2011 seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.22
SAMAN PEMULA DAN NOTIS 16G YANG DIKELUARKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA BULAN OGOS 2011

TAHUN	BIL. PEMINJAM DIKELUARKAN SAMAN PEMULA	BIL. PEMINJAM DIKELUARKAN NOTIS 16G	JUMLAH
2007	247	88	335
2008	148	88	236
2009	22	94	116
2010	162	71	233
2011 (sehingga bulan Ogos)	141	44	185
JUMLAH	**720**	**385**	**1,105**

ii. Semakan Audit terhadap Saman Pemula dan Notis 16G yang dikeluarkan mendapati BPP mengambil masa antara satu hingga 154 bulan untuk menghantar Notis Saman Pemula atau Notis 16G kepada 54 peminjam seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.23
TEMPOH MASA BAGI MENGHANTAR SAMAN PEMULA ATAU NOTIS 16G

TEMPOH MASA PENGHANTARAN NOTIS (Bulan)	SAMAN PEMULA	NOTIS 16G
1 hingga 12	4	7
13 hingga 24	7	8
25 hingga 60	12	5
61 hingga 100	6	1
101 hingga 154	3	1
JUMLAH	**32**	**22**

iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati BPP masih belum mengambil tindakan untuk mendapatkan Saman Pemula daripada Mahkamah Tinggi bagi

284 peminjam mungkir yang telah dikeluarkan Notis 16D dengan baki hutang berjumlah RM17.37 juta seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.24
PECAHAN PEMINJAM MUNGKIR MENGIKUT NEGERI YANG BELUM DIKELUARKAN SAMAN PEMULA

NEGERI	BIL. PEMINJAM	BAKI HUTANG (RM Juta)
Sarawak	5	0.32
Johor	37	2.13
Kelantan	21	1.14
Kedah	57	2.72
Negeri Sembilan	52	3.91
Perak	62	3.09
Pahang	17	0.81
Selangor	3	0.78
Kuala Lumpur	1	0.30
Melaka	21	1.52
Perlis	2	0.12
Pulau Pinang	3	0.29
Terengganu	3	0.24
JUMLAH	**284**	**17.37**

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

Kanun Tanah Negara tidak menyatakan had tempoh masa bagi pemfailan Notis 16G daripada tarikh Notis 16D dikeluarkan. Akta Had Masa 1953 (Seksyen 21) menyatakan bahawa tempoh masa untuk mengambil tindakan melibatkan gadaian adalah dalam tempoh 12 tahun daripada tarikh Notis 16D dikeluarkan. Kelewatan memfailkan Saman Pemula atau Notis 16G disebabkan oleh proses carian alamat, carian kebankrapan serta peminjam memohon penangguhan bagi menyelesaikan baki hutang.

d. Peminjam Mungkir Di Bawah Kes Penyerahan Hak (Assignment)

i. Penyerahan hak bermaksud mencagarkan hartanah yang masih tidak mempunyai hak milik individu/hak milik strata. Bagi kes yang dicagarkan secara penyerahan hak, surat ikatan penyerahan hak (menerusi jaminan) dan Perjanjian Pinjaman hendaklah dimeterai. Berdasarkan kepada peruntukan dalam Perjanjian Pinjaman antara Kerajaan Malaysia dengan peminjam, jika peminjam melanggar syarat perjanjian pinjaman dengan tidak membuat bayaran balik, Kerajaan Malaysia mempunyai kuasa untuk mendapatkan milikan kosong bagi harta tersebut. Sebelum tindakan tersebut boleh diambil, Notis Mendapatkan Milikan Kosong hendaklah dikeluarkan kepada peminjam supaya menyerahkan milikan kosong harta tersebut dalam tempoh satu bulan kepada Kerajaan Malaysia daripada tarikh penerimaan notis. Sekiranya tidak diserahkan, tindakan melelong akan diambil dan segala perbelanjaan akan ditanggung oleh peminjam.

ii. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Ogos 2011, Unit Assignment di Seksyen Perundangan telah menerima 456 fail bagi kes penyerahan hak daripada Unit Kawalan Kredit dengan baki hutang berjumlah RM25.77 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 120 (26.3%) peminjam dengan baki hutang berjumlah RM6.84 juta masih belum dikeluarkan Notis Mendapatkan Milikan Kosong oleh Unit Assignment. Semakan Audit selanjutnya mendapati berlaku kelewatan mendaftar masuk fail peminjam oleh Unit Assignment antara satu

hingga 53 bulan daripada tarikh daftar keluar fail berkaitan. Semua notis yang dinyatakan di atas masih belum dikeluarkan kerana kekurangan kakitangan di Seksyen Perundangan.

Pada pendapat Audit, BPP hendaklah mengambil tindakan tegas terhadap peminjam mungkir dan memastikan Notis Tuntutan Tunggakan, Notis Tuntutan Guaman, Notis 16D dan Notis Mendapatkan Milikan Kosong dikeluarkan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

Kekurangan kakitangan menjadi punca kelewatan mendaftar masuk fail kerana hanya seorang kakitangan sahaja bertugas di Unit Assignment. Bagi tujuan penambahbaikan, task force telah diwujudkan untuk menyelesaikan kes-kes yang tiada tindakan. Di samping itu, BPP dalam proses penyediaan kertas kerja untuk penstrukturan semula Seksyen Perundangan.

5.5.6. Lelongan Hartanah

5.5.6.1. Proses lelongan hartanah dijalankan setelah mendapat perintah jualan daripada Mahkamah Tinggi. Manakala bagi kes yang dibicarakan di Pejabat Tanah, lelongan akan ditetapkan selepas selesai proses siasatan. Mengikut rekod/daftar yang diselenggara oleh Unit Lelong BPP, bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 sebanyak 703 hartanah telah dilelong di Mahkamah Tinggi dan 374 hartanah dilelong di Pejabat Tanah. Daripada jumlah tersebut, 139 (19.8%) hartanah telah berjaya dilelong di Mahkamah Tinggi dan 84 (22.5%) hartanah di Pejabat Tanah dengan hasil lelongan berjumlah RM17.60 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.25
HARTANAH YANG DILELONG BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

TEMPAT LELONGAN	2009		2010		2011		JUMLAH HARTANAH DILELONG
	BIL. LELONGAN						
	BERJAYA	TIDAK BERJAYA	BERJAYA	TIDAK BERJAYA	BERJAYA	TIDAK BERJAYA	
Mahkamah Tinggi	15	108	58	227	66	229	703
Pejabat Tanah	32	82	20	113	32	95	374
Jumlah	**47**	**190**	**78**	**340**	**98**	**324**	**1,077**
Kutipan Hasil (RM Juta)	**3.16**		**5.84**		**8.60**		**17.60**

Nota: ***Bilangan Kes Lelongan Tahun 2009 Berdasarkan Rekod Mulai Bulan Mac 2009***

5.5.6.2. Semakan Audit terhadap 193 daripada 223 kes yang berjaya dilelong mendapati perkara seperti berikut:

a. Baki Lelongan Belum Dijelaskan

Kanun Tanah Negara 1965 Seksyen 263 (2)(g) menetapkan syarat jualan bagi kes lelongan yang berjaya iaitu pembida perlu membayar 10% daripada harga lelongan sebagai deposit dan baki 90% hendaklah dijelaskan tidak lewat daripada 120 hari daripada tarikh lelongan. Sekiranya pembida gagal menjelaskan baki bayaran dalam tempoh yang ditetapkan, 10% yang telah dibayar oleh pembida akan dilucut hak di bawah peruntukan Seksyen 267A Kanun Tanah Negara dan permohonan satu perintah baru hendaklah dibuat bagi maksud lelongan semula. Semakan Audit mendapati 12 pembida masih belum menjelaskan baki bayaran 90% berjumlah RM0.89 juta walaupun telah melebihi 120 hari daripada tarikh lelongan. Tempoh kelewatan adalah antara 44 hingga 587 hari. Semakan Audit selanjutnya mendapati

BPP belum mengambil tindakan untuk melucut hak seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 267A Kanun Tanah Negara menyebabkan permohonan satu perintah baru bagi maksud lelongan semula tidak dapat dilaksanakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.26
BAKI LELONGAN YANG MASIH BELUM DIJELASKAN OLEH PEMBIDA

NO. FAIL	TARIKH LELONG	HARGA LELONG (RM)	10 % HASIL LELONGAN JUMLAH (RM)	BAKI 90% (RM)	KELEWATAN (Hari)
4957/1993/03	24.12.2009	34,000	3,400	30,600	587
18720/1989/01	15.04.2010	42,000	4,200	37,800	475
9043/1984/02	08.07.2010	370,000	37,000	333,000	391
3261/1990/03	25.10.2010	26,000	2,600	23,400	282
1677/1988/01	26.10.2010	66,000	6,600	59,400	281
14760/1989/03	02.12.2010	57,000	5,700	51,300	244
6903/1990/03	09.12.2010	40,500	4,050	36,450	237
17636/1985/04	05.01.2011	93,150	9,315	83,835	210
2558/1989/03	24.03.2011	38,950	3,895	35,055	132
23550/1988/01	26.05.2011	43,000	4,300	38,700	69
27906/1990/03	02.06.2011	123,300	12,330	110,970	62
14543/1994/03	20.06.2011	51,832	5,183	46,649	44
JUMLAH		**985,732**	**98,573**	**887,159**	**44 - 587**

Pada pendapat Audit, Bahagian Pinjaman Perumahan (BPP) perlu mengeluarkan surat peringatan kepada pembida supaya menjelaskan baki bayaran dan sebaliknya sekiranya pembida tidak lagi berminat meneruskan pembelian, tindakan melucut hak hendaklah diambil dengan segera supaya proses lelongan semula dapat dijalankan.

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

BPP akan menghantar notis peringatan sebelum tamat tempoh yang ditetapkan dan tindakan lucut hak akan diambil kecuali bagi kes-kes yang telah mendapat kebenaran dari Mahkamah atau Pejabat Tanah untuk pelanjutan masa bagi membuat pembayaran. Bagi tujuan penambahbaikan, BPP akan menghubungi Pembida/Peguam Pembida bagi memberi peringatan untuk membuat bayaran jumlah baki lelongan.

b. Hasil Lelongan Melebihi/Kurang Daripada Baki Hutang

Semakan Audit selanjutnya terhadap 119 (53.4%) daripada 223 hartanah yang berjaya dilelong mendapati perkara seperti berikut:

i. 64 peminjam masih mempunyai baki pinjaman (baki debit) berjumlah RM2.72 juta kerana hasil lelongan kurang daripada baki hutang dan perlu dikutip balik daripada peminjam.

ii. 55 peminjam mempunyai baki kredit berjumlah RM1.58 juta kerana hasil lelongan melebihi baki hutang. Pihak BPP sepatutnya memulangkan lebihan hasil lelongan kepada peminjam setelah ditolak kos guaman. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati BPP masih belum memulangkan baki tersebut. Kesan daripada situasi ini, tindakan untuk menutup akaun peminjam tidak dapat dilaksanakan. Perkara ini berlaku disebabkan fail tersebut masih belum dikemukakan kepada Unit Akaun untuk dikemaskinikan. Kelewatan ini disebabkan oleh kekurangan kakitangan di Seksyen Perundangan untuk membuat dan mengira pelarasan kos guaman.

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

Fail-fail tersebut sedang dalam pelbagai tindakan seperti pengiraan kos guaman, pembayaran cukai dan bil, pengemaskinian akaun peminjam dan undang-undang.

c. Lelongan Semula

Bagi kes lelongan hartanah di Mahkamah Tinggi yang tidak berjaya, ia akan dibicarakan semula melalui permohonan Saman Dalam Kamar (SDK) untuk menurunkan harga rizab hartanah tersebut sebanyak 10%. Bagi kes berkenaan, Unit Lelongan akan mengklasifikasikan harta tersebut mengikut keadaan semasa harta berkenaan sama ada berpotensi untuk dijual atau sebaliknya. Bagi tujuan ini, semakan Audit mendapati BPP tidak mewujudkan jawatankuasa bagi membincang dan membuat keputusan sama ada kes tersebut diklasifikasikan sebagai dijual semula atau ditangguh atau harga rizab diturunkan lagi mengikut keadaan semasa fizikal hartanah. Sehingga tarikh pengauditan, 106 peminjam dengan baki hutang berjumlah RM5.66 juta berpotensi untuk dibuat lelongan semula tetapi masih dalam tindakan penyediaan permohonan SDK. Manakala sebanyak 86 peminjam dengan baki hutang berjumlah RM4.63 juta diklasifikasikan sebagai tidak berpotensi untuk dilelong semula.

Pada pendapat Audit, BPP hendaklah mengambil tindakan segera untuk menutup akaun peminjam yang berjaya dilelong. Bagi akaun pinjaman yang mempunyai baki kredit atau debit, tindakan segera hendaklah diambil untuk menyelesaikannya.

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

Semua kes yang tidak berjaya dilelong telah dibincangkan dalam mesyuarat BPP. Selain itu, BPP juga akan menubuhkan Jawatankuasa Lelongan.

5.5.7. Pelepasan Dokumen Hak Milik

Pelepasan dokumen hak milik dibuat selepas pinjaman diselesaikan atau peminjam meninggal dunia dengan mengembalikan dokumen gadaian berserta surat hakmilik/ penyerahan hak atau penarikan balik kaveat pendaftar. Mengikut piagam pelanggan BPP, pelepasan/pemulangan hak milik/penyerahan hak disediakan dalam tempoh 10 hari daripada tarikh penerimaan fail oleh Seksyen Pelepasan Dokumen Hak Milik. Sekiranya dokumen hak milik yang telah dipos tetapi dikembalikan, BPP akan berusaha untuk mengesan dan menghubungi peminjam bagi tujuan pengembalian dokumen berkaitan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 1972 hingga bulan Oktober 2011, sebanyak 4,543 dokumen hak milik dikembalikan kerana alamat tidak kemas kini dan disimpan semula seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.27
DOKUMEN HAK MILIK YANG DIKEMBALIKAN (RETOUR)
BAGI TEMPOH TAHUN 1972 HINGGA BULAN OKTOBER 2011

TAHUN	BIL. PERMOHONAN
1972 - 2006	1,261
2007	296
2008	368
2009	861
2010	786
2011 (Sehingga Bulan Oktober)	971
JUMLAH	**4,543**

Pada pendapat Audit, BPP boleh mengambil langkah proaktif dengan mengiklankan nama peminjam yang terlibat dengan proses pengembalian dokumen gadaian ini di media massa bagi membolehkan peminjam atau waris menuntut dan seterusnya mengurangkan kos penyimpanan oleh BPP.

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

Sehingga bulan Mei 2012, dokumen hakmilik yang dikembalikan oleh Pos Malaysia kerana alamat tidak kemas kini telah berkurangan kepada 2,414 kes. Bagi tindakan penambahbaikan, hebahan telah dibuat pada setiap bulan di Laman Sesawang BPP. Task force juga akan diwujudkan bagi membuat carian alamat dengan kerjasama Bahagian Pasca Perkhidmatan JPA.

5.5.8. Subsidi Yang Diterima Daripada Agensi/Syarikat Yang Diswastakan

5.5.8.1. Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan Penswastaan Agensi Kerajaan, pihak agensi/syarikat yang diswastakan hendaklah membayar perbezaan kadar faedah sebanyak 5% setahun kepada BPP berdasarkan baki pinjaman perumahan kakitangan tersebut selama tempoh perkhidmatan mereka dengan agensi/syarikat. Pihak agensi/syarikat juga bertanggungjawab mengendalikan urusan potongan gaji bulanan kakitangan berkenaan dan menyalurkannya terus kepada BPP bagi tempoh tersebut. Sehingga 31 Disember 2011, sebanyak 46 agensi Kerajaan yang diswastakan telah memilih untuk tidak mengambil alih baki pinjaman perumahan bagi kakitangan mereka yang memasuki syarikat swasta itu. Oleh yang demikian, agensi/syarikat tersebut perlu membayar perbezaan kadar faedah sebanyak 5% setahun. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011, BPP telah menerima sejumlah RM18.06 juta hasil subsidi 5% atas baki pinjaman pegawai dan kakitangan daripada agensi/syarikat berkenaan seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.28
SUBSIDI YANG DITERIMA BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2011

TAHUN	BIL. AGENSI	JUMLAH SUBSIDI (RM Juta)
2007	50	5.68
2008	50	4.92
2009	50	2.91
2010	46	2.29
2011	46	2.26
JUMLAH		**18.06**

5.5.8.2. Semakan Audit terhadap bayaran subsidi daripada agensi/syarikat mendapati perkara seperti berikut:

a. Kelewatan Penerimaan Bayaran Subsidi 5%

Pada setiap bulan, Unit Laporan Dana di Seksyen Akaun akan mengeluarkan notis tuntutan subsidi 5% yang perlu dijelaskan dalam tempoh satu bulan mulai daripada tarikh notis. Semakan Audit terhadap pengurusan pembayaran subsidi oleh 7 syarikat mendapati pembayaran yang dibuat adalah melebihi tempoh yang ditetapkan. Lima syarikat telah lewat membayar subsidi antara 8 hingga 100 hari. Manakala 2 syarikat iaitu Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. dan Environment Idaman Sdn. Bhd. masih belum membuat sebarang pembayaran semenjak dari tahun 2009. Butiran tempoh kelewatan bayaran subsidi bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.29
KELEWATAN BAYARAN SUBSIDI BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011

NAMA SYARIKAT	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
Alam Flora Sdn. Bhd.	10 - 50
Keretapi Tanah Melayu Berhad	8 - 36
Pos Malaysia Berhad	9 - 88
Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd.	10 - 100
Metrology Corporation Sdn. Bhd.	8 - 52

b. Tunggakan Bayaran Subsidi 5%

Berdasarkan Laporan Statistik Subsidi 5% Sehingga 31 Disember 2011 yang disediakan oleh Unit Laporan Dana, Seksyen Akaun, jumlah tunggakan subsidi 5% adalah RM9.84 juta seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.30
TUNGGAKAN BAYARAN SUBSIDI PERATUS PADA 31 DISEMBER 2011

NAMA AGENSI/SYARIKAT	TEMPOH TUNGGAKAN (Bulan)	JUMLAH (RM Juta)
Keretapi Tanah Melayu Berhad	39	7.77
Perbadanan Harta Intelek Malaysia	94	0.96
Environment Idaman Sdn. Bhd.	26	0.62
Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.	16	0.31
Air Kelantan Sdn. Bhd.	30	0.10
41 Agensi/Syarikat lain	1 - 3	0.08
JUMLAH		**9.84**

Semakan Audit selanjutnya mendapati KTM Berhad dan Air Kelantan Sdn. Bhd. telah mendapat kebenaran untuk membuat bayaran secara ansuran iaitu berjumlah RM68,521 dan RM5,000 sebulan masing-masing. Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. pula telah memohon untuk membuat bayaran ansuran bagi tunggakannya.

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. telah diberi kelulusan untuk membuat bayaran secara ansuran mulai bulan April 2011. Manakala amaun tertunggak sebanyak RM1.58 juta oleh Environment Idaman Sdn. Bhd. dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia masih dalam proses rundingan. Bagi agensi/syarikat lain, pihak BPP telah mengeluarkan surat peringatan bagi penyelesaian jumlah tertunggak tersebut.

Pada pendapat Audit, tindakan yang lebih agresif perlu diambil terhadap agensi/syarikat yang mempunyai tunggakan bayaran subsidi 5%.

5.5.9. Penyimpanan Dan Penyelenggaraan Dokumen Hak Milik/Penyerahan Hak

Dokumen hak milik dan penyerahan hak adalah dokumen yang dipegang oleh Kerajaan sebagai pemegang amanah bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Dokumen tersebut hendaklah disimpan selamat dan memenuhi ciri-ciri keselamatan yang ditetapkan. Lawatan Audit ke lokasi penyimpanan dokumen mendapati ianya disimpan ditempat terbuka dan laluan kakitangan, bilik geran tidak dipasang dengan jeriji besi (grill) dan bercermin seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 5.1




GAMBAR 5.2



Seksyen Cagaran
- Simpanan Geran Sebelum Ke Bilik Kebal Dokumen Hak Milik/Penyerahan Hak Disimpan Di Kawasan Terbuka Ruangan Pejabat Dan Laluan Kakitangan
(17.11.2011)

GAMBAR 5.3



GAMBAR 5.4



Bilik Utiliti Seksyen Cagaran
- Penyimpanan Geran Yang Telah Dikembalikan
(17.11.2011)

GAMBAR 5.5



Bilik Geran Aras 1, BPP
- Simpanan Geran - Cermin Lutsinar
(17.11.2011)

GAMBAR 5.6



Bilik Geran Aras Tanah, BPP
- Pintu Tidak Selamat (Tiada Grill)
(17.11.2011)

Pada pendapat Audit, BPP hendaklah mempertingkatkan kawalan keselamatan bagi mengelakkan sebarang kemungkinan risiko kes kehilangan dokumen hak milik.

Maklum Balas Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Pada 30 Mei 2012

Pegawai Keselamatan Perbendaharaan Malaysia telah menjalankan naziran keselamatan di BPP dan tindakan sedang diambil ke atas syor yang dikemukakan.

5.6. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan pengurusan pinjaman perumahan, adalah disyorkan supaya BPP mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

5.6.1. Memastikan proses kerja dibuat dengan teratur dan mengikut syarat yang ditetapkan dan meneliti semula kes kelewatan meluluskan bayaran pinjaman.

5.6.2. Mewujudkan mekanisme pemantauan bagi memastikan peminjam mematuhi syarat pinjaman perumahan.

5.6.3. Memastikan pengurusan bayaran balik dibuat dengan teratur dan APG/APP dikeluarkan segera serta memaklumkan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi terlibat.

5.6.4. Mendapatkan nasihat perundangan bagi menyelesaikan masalah kes tunggakan yang berlarutan.

5.6.5. Membangunkan satu sistem berkomputer bersepadu yang mampu menjana laporan yang tepat.

5.6.6. Memastikan semua dokumen hak milik sentiasa berada dalam keadaan selamat.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 48-58
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN KEWANGAN

6. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
- PENGURUSAN DATA PENERIMA BAYARAN FI DAN KOMISEN

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) merupakan agensi utama yang memungut hasil di bawah Kementerian Kewangan Malaysia. Antara lain, bagi mempertingkatkan lagi keupayaannya memungut hasil, LHDNM telah diperuntukkan kuasa mengikut Seksyen 81 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 untuk meminta maklumat mengenai penerima bayaran daripada agensi-agensi tertentu. Maklumat tersebut adalah berkaitan dengan pembayaran kepada individu atau syarikat seperti pembayaran komisen kepada agen/wakil insurans, pengedar/pemborong/wakil penjual/stokis dan remisiers/broker serta pembayaran fi yang lain seperti pembayaran royalti kepada pengarang/penulis, pembayaran kepada pengajar sambilan, pembekal/perunding dan lain-lain. Agensi pemberi maklumat dikehendaki melalui surat/notis di bawah Seksyen 81 ACP 1967 membekalkan maklumat kepada Cawangan LHDNM yang berkenaan dalam tempoh 30 hari mengikut format yang dikehendaki pada setiap tahun.

6.1.2. Sistem Maklumat Unit Pengesanan (SMUP) dibangunkan supaya proses pengumpulan maklumat luaran pembayar cukai dapat diuruskan dengan lebih teratur di mana setiap pemberi maklumat akan didaftarkan bagi memudahkan pemantauan. Maklumat yang diterima akan diproses, disimpan dalam Sistem Gudang Data dan disalurkan untuk menyokong/menyediakan maklumat untuk tindakan pemantauan dan penguatkuasaan serta pembesaran asas cukai.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada LHDNM telah menguruskan data penerima bayaran fi dan komisen dengan cekap serta pembayar cukai telah melaporkan pendapatan fi atau komisen yang diterima dengan betul mengikut undang-undang serta peraturan yang ditetapkan.

6.3. SKOP PENGAUDITAN

Rekod yang disemak terdiri daripada rekod penerima bayaran fi dan komisen tahun 2010 berdasarkan *threshold* RM50,000 dan ke atas yang mempunyai nombor rujukan cukai pendapatan bagi pembayar cukai kategori individu berpendapatan penggajian (SG) dan individu berpendapatan perniagaan (OG). Semakan turut dilakukan terhadap pembayar cukai berkenaan merangkumi tempoh 3 tahun iaitu mulai tahun taksiran 2008 hingga 2010 di 8 Cawangan LHDNM. Daripada 1,734 penerima bayaran fi dan komisen dengan pendapatan berjumlah RM522.70 juta yang dikemukakan oleh Jabatan Pematuhan Cukai LHDNM, sebanyak 1,232 sampel (71%) disemak berdasarkan kepada 100% atau maksimum 300 pembayar cukai di setiap cawangan bagi 8 Cawangan LHDNM seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.1
BILANGAN SAMPEL PENGAUDITAN

CAWANGAN	BIL. SAMPEL YANG DIAUDIT (Bil. Pembayar Cukai)
Johor Bahru	300
Jalan Duta	300
Melaka	157
Ipoh	163

CAWANGAN	BIL. SAMPEL YANG DIAUDIT (Bil. Pembayar Cukai)
Shah Alam	181
Pulau Pinang	75
Alor Setar	45
Kangar	11
JUMLAH	**1,232**

6.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan merangkumi semakan terhadap data pembayar cukai melalui SMUP, Sistem Taksir Sendiri Selain Syarikat (STSNC) dan *Case Management System* (CMS) mengenai bayaran fi dan komisen yang diterima, pendapatan yang dilaporkan dan audit cukai yang dilaksanakan. Selain itu, temu bual dengan pegawai LHDNM yang terlibat juga diadakan.

6.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Disember 2011, Januari 2012 dan April 2012 mendapati wujud beberapa kelemahan seperti berikut:

i. maklumat penerima bayaran fi dan komisen tidak dikemukakan oleh agensi pemberi maklumat;
ii. pembayar cukai tidak/kurang melaporkan pendapatan fi atau komisen dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi tahun taksiran yang disemak;
iii. pembayar cukai tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan walaupun mereka ada menerima pendapatan fi dan komisen; dan
iv. pembayar cukai belum dipilih untuk dilaksanakan audit cukai.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas LHDNM adalah seperti di perenggan berikut:

6.5.1. Prestasi Penerimaan Maklumat Daripada Agensi Pemberi Maklumat

Unit Pengesanan LHDNM akan mengeluarkan surat permohonan maklumat yang dinamakan surat Q iaitu Q1 (Pemberi Maklumat Baru) dan Q2 (Pemberi Maklumat Aktif yang telah didaftarkan dalam SMUP). Surat ini akan dikemukakan pada awal tahun kepada agensi pemberi maklumat agar mengemukakan maklumat berkaitan amaun yang dibayar kepada penerima bayaran. Maklumat tersebut perlu dikemukakan kepada LHDNM dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat Q dikeluarkan. Kegagalan agensi pemberi maklumat mengemukakan maklumat seperti yang diminta akan menyebabkan maklumat penerima bayaran yang menerima pendapatan pada tahun taksiran berkenaan tiada dalam Sistem Gudang Data. Adalah didapati prestasi penerimaan maklum balas oleh LHDNM adalah rendah iaitu secara purata kurang daripada 50% bagi tahun 2009 hingga 2011. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.2
MAKLUM BALAS SURAT Q YANG DITERIMA BAGI TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	SURAT Q1 & Q2		
	SURAT DIHANTAR*	MAKLUM BALAS DITERIMA*	(%)
2009	7,295	2,742	37.6
2010	6,793	3,826	56.3
2011	8,502	3,785	44.5

Nota: ***(*) - Statistik Daripada Jabatan Pematuhan Cukai, LHDNM***

Pada pendapat Audit, bagi memastikan semua pemberi maklumat mematuhi arahan yang dikeluarkan, LHDNM hendaklah mewajibkan semua agensi pemberi maklumat mengemukakan maklumat penerima bayaran kepada LHDNM pada setiap tahun.

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Pemantauan ke atas pengurusan sistem SMUP kurang dibuat disebabkan kekangan sumber tenaga pekerja di Bahagian Pengesanan dan Audit Potongan Cukai Berjadual (BPPCB), Jabatan Pematuhan Cukai. Bagaimanapun, Bahagian yang terlibat telah mengambil tindakan untuk memaklumkan kepada Cawangan LHDNM dan cawangan juga telah diluluskan untuk mengambil pegawai sambilan mulai bulan Julai 2012.

Selain itu, mulai 1 Januari 2012, pihak LHDNM juga telah mewajibkan syarikat atau perniagaan di bawah Seksyen 83A ACP 1967 untuk menyatakan semua bayaran insentif berbentuk tunai dan bukan tunai kepada pengedar atau pengagih melalui satu penyata yang dikeluarkan kepada penerima insentif berkenaan. Satu salinan penyata akan disimpan oleh syarikat dan data berkenaan juga perlu dikemukakan kepada LHDNM.

6.5.2. Pembayar Cukai Tidak/Kurang Melaporkan Pendapatan Fi Dan Komisen Dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan

ACP 1967 menetapkan bahawa setiap syarikat perniagaan, perkongsian, pertubuhan dan individu yang mempunyai apa-apa pendapatan perlu melaporkan kepada LHDNM. Individu hendaklah melaporkan pendapatan yang diterima dalam borang cukai pendapatan (Borang B/BE) untuk menentukan jumlah cukai kena bayar bagi tahun taksiran berkenaan. Semakan Audit terhadap data penerima bayaran fi dan komisen tahun 2008 hingga 2010 berdasarkan sampel maklumat penerima bayaran di dalam SMUP dan jumlah cukai yang dilaporkan dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan mendapati perkara berikut:

6.5.2.1. Sebanyak 376 kes dengan jumlah pendapatan RM241.16 juta di mana pendapatan fi dan komisen yang diterima tidak dilaporkan dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.3
PEMBAYAR CUKAI TIDAK MELAPORKAN PENDAPATAN FI DAN KOMISEN DALAM BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN BAGI TAHUN TAKSIRAN 2008 HINGGA 2010

CAWANGAN LHDNM	TAHUN TAKSIRAN 2008		TAHUN TAKSIRAN 2009		TAHUN TAKSIRAN 2010	
	BIL. KES	JUMLAH PENDAPATAN TIDAK DILAPORKAN (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH PENDAPATAN TIDAK DILAPORKAN (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH PENDAPATAN TIDAK DILAPORKAN (RM Juta)
Johor Bahru	12	5.88	36	32.12	63	42.85
Jalan Duta	23	11.14	25	22.98	49	29.95
Melaka	2	1.18	17	5.55	29	10.69
Ipoh	6	15.34	7	1.20	16	2.30
Shah Alam	9	5.02	23	24.29	39	25.73
Pulau Pinang	-	-	3	1.18	9	2.45
Alor Setar	1	0.21	-	-	4	0.77
Kangar	-	-	-	-	3	0.33
JUMLAH	**53**	**38.77**	**111**	**87.32**	**212**	**115.07**

6.5.2.2. Sebanyak 73 kes dengan jumlah pendapatan RM104.81 juta di mana pendapatan fi dan komisen yang diterima tidak dilaporkan dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi dua tahun taksiran. Manakala sebanyak 37 kes dengan pendapatan fi dan komisen yang diterima berjumlah RM93.97 juta tidak dilaporkan dalam borang tersebut bagi tiga tahun taksiran. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.4
PEMBAYAR CUKAI TIDAK MELAPORKAN PENDAPATAN FI DAN KOMISEN DALAM BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN BAGI DUA TAHUN TAKSIRAN DAN TIGA TAHUN TAKSIRAN

CAWANGAN LHDNM	2 TAHUN TAKSIRAN		3 TAHUN TAKSIRAN	
	BIL. KES	JUMLAH PENDAPATAN TIDAK DILAPORKAN (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH PENDAPATAN TIDAK DILAPORKAN (RM Juta)
Johor Bahru	28	53.15	10	19.22
Jalan Duta	9	9.95	17	46.63
Melaka	12	9.67	2	2.46
Ipoh	4	3.20	1	0.46
Shah Alam	17	26.68	7	25.20
Pulau Pinang	2	1.61	-	-
Alor Setar	1	0.55	-	-
JUMLAH	**73**	**104.81**	**37**	**93.97**

6.5.2.3. Sebanyak 126 kes dengan jumlah pendapatan RM135.20 juta di mana pendapatan fi dan komisen kurang dilaporkan dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi tahun taksiran 2008 hingga 2010 seperti di **Jadual 6.5** hingga **6.7**.

JADUAL 6.5
PEMBAYAR CUKAI KURANG MELAPORKAN PENDAPATAN FI DAN KOMISEN DALAM BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN BAGI TAHUN TAKSIRAN 2008

CAWANGAN LHDNM	TAHUN TAKSIRAN 2008			
	BIL. KES	JUMLAH FI DAN KOMISEN DITERIMA DALAM SMUP (RM Juta)	JUMLAH FI DAN KOMISEN DIAMBILKIRA OLEH PEMBAYAR CUKAI (RM Juta)	JUMLAH PENDAPATAN KURANG LAPOR (RM Juta)
Johor Bahru	9	2.64	1.56	1.08
Jalan Duta	2	3.53	0.58	2.95
Melaka	1	1.49	0.32	1.17
Ipoh	33	120.16	2.17	117.99
Shah Alam	4	3.16	0.84	2.32
Alor Setar	1	0.11	0.10	0.01
JUMLAH	**50**	**131.09**	**5.57**	**125.52**

JADUAL 6.6
PEMBAYAR CUKAI KURANG MELAPORKAN PENDAPATAN FI DAN KOMISEN DALAM BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN BAGI TAHUN TAKSIRAN 2009

CAWANGAN LHDNM	TAHUN TAKSIRAN 2009			
	BIL. KES	JUMLAH FI DAN KOMISEN DITERIMA DALAM SMUP (RM Juta)	JUMLAH FI DAN KOMISEN DIAMBILKIRA OLEH PEMBAYAR CUKAI (RM Juta)	JUMLAH PENDAPATAN KURANG LAPOR (RM Juta)
Johor Bahru	4	1.20	0.76	0.44
Jalan Duta	5	0.50	0.16	0.34
Melaka	3	1.82	1.40	0.42
Ipoh	2	0.23	0.17	0.06
Shah Alam	3	0.75	0.61	0.14
Pulau Pinang	3	0.53	0.25	0.28
Alor Setar	1	0.64	0.06	0.58
JUMLAH	**21**	**5.67**	**3.41**	**2.26**

JADUAL 6.7
PEMBAYAR CUKAI KURANG MELAPORKAN PENDAPATAN FI DAN KOMISEN DALAM BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN BAGI TAHUN TAKSIRAN 2010

CAWANGAN LHDNM	TAHUN TAKSIRAN 2010			
	BIL. KES	JUMLAH FI DAN KOMISEN DITERIMA DALAM SMUP (RM Juta)	JUMLAH FI DAN KOMISEN DIAMBILKIRA OLEH PEMBAYAR CUKAI (RM Juta)	JUMLAH PENDAPATAN KURANG LAPOR (RM Juta)
Johor Bahru	17	7.06	3.15	3.91
Jalan Duta	10	2.10	0.60	1.50
Melaka	3	2.12	1.53	0.59
Ipoh	12	1.67	1.09	0.58
Shah Alam	7	1.62	1.09	0.53
Pulau Pinang	3	0.63	0.41	0.22
Alor Setar	3	0.34	0.25	0.09
JUMLAH	**55**	**15.54**	**8.12**	**7.42**

6.5.2.4. Sebanyak 19 kes dengan jumlah pendapatan RM9.23 juta di mana pendapatan fi dan komisen kurang dilaporkan dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi dua tahun taksiran. Manakala sebanyak 5 kes dengan jumlah pendapatan fi dan komisen berjumlah RM1.93 juta kurang dilaporkan dalam borang tersebut bagi tiga tahun taksiran. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.8
PEMBAYAR CUKAI KURANG MELAPORKAN PENDAPATAN FI DAN KOMISEN DALAM BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN BAGI DUA TAHUN TAKSIRAN DAN TIGA TAHUN TAKSIRAN

CAWANGAN LHDNM	2 TAHUN TAKSIRAN		3 TAHUN TAKSIRAN	
	BIL. KES	JUMLAH PENDAPATAN KURANG LAPOR (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH PENDAPATAN KURANG LAPOR (RM Juta)
Johor Bahru	5	0.46	1	1.61
Jalan Duta	4	0.82	-	-
Melaka	2	1.36	-	-
Ipoh	5	6.33	2	0.04
Shah Alam	2	0.22	2	0.28
Alor Setar	1	0.04	-	-
JUMLAH	**19**	**9.23**	**5**	**1.93**

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Pemilihan kes audit meja adalah menggunakan kaedah event triggered berdasarkan kod kriteria audit yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa. Kes yang dipilih dengan kaedah ini akan disimpan sebagai stok dan diagih ke cawangan mengikut keutamaan dan keperluan. Bagi kes yang tidak termasuk dalam kriteria kod ini, maka ia tidak akan terpilih sebagai kes audit. Tindakan mengesan dan mengaudit pembayar cukai merupakan tindakan yang berterusan oleh LHDNM. Oleh sebab jumlah bilangan pembayar cukar adalah besar berbanding dengan kekuatan tenaga audit buat masa sekarang, LHDNM menghadapi kekangan pegawai untuk mengaudit semua pembayar cukai yang melakukan kesalahan. LHDNM sedang mengambil tindakan terhadap penemuan yang dibangkitkan oleh pihak Jabatan Audit Negara.

6.5.3. Pembayar Cukai Yang Menerima Bayaran Fi Dan Komisen Tidak Mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan Bagi Tahun Taksiran 2008 Hingga 2010

Subseksyen 77(1) ACP 1967 menetapkan kewajipan kepada pembayar cukai untuk mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan kepada LHDNM selewat-lewatnya pada 30 April bagi individu berpendapatan penggajian dan 30 Jun bagi individu berpendapatan perniagaan tahun berikutnya. Semakan Audit mendapati:

6.5.3.1. Sebanyak 416 kes dengan jumlah pendapatan RM137.42 juta di mana Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi tahun taksiran 2008 hingga 2010 tidak dikemukakan kepada LHDNM seperti yang telah ditetapkan dan ini menyebabkan pendapatan fi dan komisen yang diterima oleh pembayar cukai tidak dapat ditaksirkan. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.9
PEMBAYAR CUKAI YANG MENERIMA BAYARAN FI DAN KOMISEN TIDAK MENGEMUKAKAN BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN BAGI TAHUN TAKSIRAN 2008 HINGGA 2010

CAWANGAN LHDNM	TAHUN TAKSIRAN 2008		TAHUN TAKSIRAN 2009		TAHUN TAKSIRAN 2010	
	BIL. KES	JUMLAH PENDAPATAN YANG DITERIMA (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH PENDAPATAN YANG DITERIMA (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH PENDAPATAN YANG DITERIMA (RM Juta)
Johor Bahru	14	8.93	39	12.34	84	53.44
Jalan Duta	14	2.24	17	3.33	64	17.67
Melaka	3	0.20	22	3.28	44	6.88
Ipoh	3	15.06	5	1.16	24	2.76
Shah Alam	3	0.30	7	0.35	28	4.50
Pulau Pinang	3	0.59	3	0.25	13	1.12
Alor Setar	2	0.09	5	0.25	10	1.69
Kangar	1	0.07	3	0.30	5	0.62
JUMLAH	**43**	**27.48**	**101**	**21.26**	**272**	**88.68**

6.5.3.2. Sebanyak 86 kes dengan jumlah pendapatan RM54.54 juta di mana Borang Nyata Cukai Pendapatan tidak dikemukakan kepada LHDNM seperti yang telah ditetapkan bagi dua tahun taksiran. Manakala sebanyak 23 kes dengan jumlah pendapatan RM22.77 juta di mana borang tersebut tidak dikemukakan kepada LHDNM bagi tiga tahun taksiran. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.10
PEMBAYAR CUKAI YANG MENERIMA BAYARAN FI DAN KOMISEN TIDAK MENGEMUKAKAN BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN BAGI DUA TAHUN TAKSIRAN DAN TIGA TAHUN TAKSIRAN

CAWANGAN LHDNM	2 TAHUN TAKSIRAN		3 TAHUN TAKSIRAN	
	BIL. KES	JUMLAH PENDAPATAN YANG DITERIMA (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH PENDAPATAN YANG DITERIMA (RM Juta)
Johor Bahru	29	15.21	12	18.08
Jalan Duta	17	13.71	6	3.62
Melaka	18	5.51	2	0.60
Ipoh	7	16.74	-	-
Shah Alam	8	1.94	-	-
Pulau Pinang	3	0.45	-	-
Alor Setar	3	0.57	2	0.31
Kangar	1	0.41	1	0.16
JUMLAH	**86**	**54.54**	**23**	**22.77**

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Jabatan Pematuhan Cukai menerima senarai pembayar cukai yang tidak memfailkan Borang Nyata Cukai Pendapatan daripada Jabatan Operasi Cukai dan kes ini diagihkan ke cawangan bagi tujuan membangkitkan taksiran anggaran. Kod khusus bagi penerima fi dan komisen diwujudkan meliputi semua kes pembayar cukai yang mempunyai fail berdaftar dan tidak berdaftar dengan LHDNM. LHDNM sedang mengambil tindakan terhadap penemuan yang dibangkitkan oleh pihak Audit.

6.5.4. Pembayar Cukai Belum Terpilih Untuk Dibuat Audit Cukai Oleh LHDNM

Di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS), audit cukai melalui audit meja dan audit luar adalah aktiviti utama LHDNM bagi meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela. Pengauditan ini dilaksanakan oleh LHDNM untuk memastikan pendapatan yang sepatutnya dilaporkan dan dibayar mengikut undang-undang dan peraturan percukaian. Semakan Audit terhadap kes penerima bayaran fi dan komisen mendapati perkara berikut:

6.5.4.1. Daripada 376 pembayar cukai yang tidak melaporkan pendapatan fi dan komisen, audit meja hanya dilaksanakan terhadap 57 kes (15.2%). Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.11
PEMBAYAR CUKAI YANG TIDAK MELAPORKAN PENDAPATAN FI DAN KOMISEN BELUM TERPILIH UNTUK DIBUAT AUDIT CUKAI BAGI TAHUN TAKSIRAN 2008 HINGGA 2010

CAWANGAN LHDNM	TAHUN TAKSIRAN 2008		TAHUN TAKSIRAN 2009		TAHUN TAKSIRAN 2010	
	BIL. PEMBAYAR CUKAI YANG BELUM DILAKSANAKAN AUDIT MEJA/ AUDIT LUAR	BIL. PEMBAYAR CUKAI YANG TELAH DILAKSANAKAN AUDIT MEJA	BIL. PEMBAYAR CUKAI YANG BELUM DILAKSANAKAN AUDIT MEJA/ AUDIT LUAR	BIL. PEMBAYAR CUKAI YANG TELAH DILAKSANAKAN AUDIT MEJA	BIL. PEMBAYAR CUKAI YANG BELUM DILAKSANAKAN AUDIT MEJA/ AUDIT LUAR	BIL. PEMBAYAR CUKAI YANG TELAH DILAKSANAKAN AUDIT MEJA
Johor Bahru	7	5	31	5	57	6
Jalan Duta	19	4	22	3	42	7
Melaka	1	1	14	3	26	3
Ipoh	5	1	5	2	11	5
Shah Alam	6	3	18	5	37	2
Pulau Pinang	-	-	3	-	8	1
Alor Setar	1	-	-	-	4	-
Kangar	-	-	-	-	2	1
JUMLAH	**39**	**14**	**93**	**18**	**187**	**25**

6.5.4.2. Daripada 126 pembayar cukai yang kurang melaporkan pendapatan fi dan komisen, audit meja hanya dilaksanakan terhadap 17 kes (13.5%). Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.12
PEMBAYAR CUKAI YANG KURANG MELAPORKAN PENDAPATAN FI DAN KOMISEN BELUM TERPILIH UNTUK DIBUAT AUDIT CUKAI BAGI TAHUN TAKSIRAN 2008 HINGGA 2010

CAWANGAN LHDNM	TAHUN TAKSIRAN 2008		TAHUN TAKSIRAN 2009		TAHUN TAKSIRAN 2010	
	BIL. PEMBAYAR CUKAI YANG BELUM DILAKSANAKAN AUDIT MEJA/ AUDIT LUAR	BIL. PEMBAYAR CUKAI YANG TELAH DILAKSANAKAN AUDIT MEJA	BIL. PEMBAYAR CUKAI YANG BELUM DILAKSANAKAN AUDIT MEJA/ AUDIT LUAR	BIL. PEMBAYAR CUKAI YANG TELAH DILAKSANAKAN AUDIT MEJA	BIL. PEMBAYAR CUKAI YANG BELUM DILAKSANAKAN AUDIT MEJA/ AUDIT LUAR	BIL. PEMBAYAR CUKAI YANG TELAH DILAKSANAKAN AUDIT MEJA
Johor Bahru	7	2	4	-	15	2
Jalan Duta	1	1	4	1	9	1
Melaka	1	-	3	-	3	-
Ipoh	26	7	1	1	12	-
Shah Alam	3	1	3	-	7	-
Pulau Pinang	-	-	3	-	3	-
Alor Setar	-	1	1	-	3	-
JUMLAH	**38**	**12**	**19**	**2**	**52**	**3**

6.5.4.3. Daripada 416 pembayar cukai yang menerima fi dan komisen yang tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan, audit meja hanya dilaksanakan terhadap 19 pembayar cukai (4.6%). Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.13
PENERIMA BAYARAN FI DAN KOMISEN YANG TIDAK MENGEMUKAKAN BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN BELUM TERPILIH UNTUK DIBUAT AUDIT CUKAI BAGI TAHUN TAKSIRAN 2008 HINGGA 2010

CAWANGAN LHDNM	TAHUN TAKSIRAN 2008		TAHUN TAKSIRAN 2009		TAHUN TAKSIRAN 2010	
	BIL. PEMBAYAR CUKAI YANG BELUM DILAKSANAKAN AUDIT MEJA/ AUDIT LUAR	BIL. PEMBAYAR CUKAI YANG TELAH DILAKSANAKAN AUDIT MEJA	BIL. PEMBAYAR CUKAI YANG BELUM DILAKSANAKAN AUDIT MEJA/ AUDIT LUAR	BIL. PEMBAYAR CUKAI YANG TELAH DILAKSANAKAN AUDIT MEJA	BIL. PEMBAYAR CUKAI YANG BELUM DILAKSANAKAN AUDIT MEJA/ AUDIT LUAR	BIL. PEMBAYAR CUKAI YANG TELAH DILAKSANAKAN AUDIT MEJA
Johor Bahru	13	1	30	9	84	-
Jalan Duta	13	1	16	1	63	1
Melaka	3	-	20	2	44	-
Ipoh	3	-	5	-	24	-
Shah Alam	3	-	7	-	28	-
Pulau Pinang	2	1	1	2	13	-
Alor Setar	2	-	5	-	10	-
Kangar	1	-	2	1	5	-
JUMLAH	**40**	**3**	**86**	**15**	**271**	**1**

6.5.4.4. Semakan Audit selanjutnya terhadap pembayar cukai yang telah dijalankan audit meja mendapati bahawa pembayar cukai tersebut dipilih bukan berkaitan dengan penerimaan fi atau komisen. Antara sebab audit meja dilakukan adalah kesilapan pengiraan dibuat oleh pembayar cukai; pendapatan ke belakang dilaporkan dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan tahun semasa; menuntut pelepasan melebihi 7 item; tiada kriteria audit tetapi ada *error indicator* dan menuntut pelepasan komputer 2 kali dalam tempoh 3 tahun.

Pada pendapat Audit, pendapatan yang tidak/kurang dilaporkan serta tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan boleh memberi kesan kepada jumlah kutipan cukai yang sepatutnya. Di antara tindakan yang boleh diambil oleh LHDNM ialah memastikan pembayar cukai yang tidak melaporkan pendapatan dengan betul dipilih untuk dibuat pengauditan cukai.

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Kod khusus diwujudkan bagi mengaudit pembayar cukai yang tidak pernah dipilih untuk diaudit sebelum ini. Semua pembayar cukai yang menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan adalah tidak terkecuali untuk dipilih bagi tindakan audit dengan wujudnya kod ini. LHDNM sedang mengambil tindakan terhadap penemuan yang dibangkitkan oleh pihak Audit.

6.6. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan aktiviti pengumpulan maklumat serta memastikan pendapatan yang boleh dikenakan cukai dilaporkan adalah disyorkan supaya LHDNM memberi perhatian terhadap perkara-perkara berikut:

6.6.1. Mewajibkan semua pemberi maklumat mengemukakan maklumat penerima bayaran fi dan komisen dalam tempoh masa yang ditetapkan.

6.6.2. Tindakan pendakwaan terhadap pemberi maklumat yang ingkar hendaklah dikuatkuasakan.

6.6.3. Memastikan Sistem Maklumat Unit Pengesanan yang dibangunkan dapat digunakan sebagai sumber maklumat yang tepat.

6.6.4. Menjalankan audit meja atau audit luar terhadap kategori penerima bayaran fi dan komisen yang tinggi dan gagal melaporkan pendapatan dengan betul untuk memastikan tahap pematuhan cukai.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 59-62 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

7. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
- PENGURUSAN CUKAI PENDAPATAN PEMILIK HARTA

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Pertumbuhan ekonomi negara yang menggalakkan menyumbang kepada peningkatan dan kebolehan individu untuk memiliki dan memperoleh hartanah dan kenderaan yang bernilai tinggi. Justeru itu keadaan ini secara tidak langsung boleh menjadi petunjuk berlakunya peningkatan pendapatan individu di negara ini.

7.1.2. Seksyen 13 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) 1976, menghendaki pemilik harta mengisytiharkan harta yang diperolehnya kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Manakala Akta Cukai Pendapatan 1967 menetapkan bahawa setiap syarikat perniagaan, perkongsian, pertubuhan dan individu yang mempunyai serta menerima apa-apa pendapatan perlu melaporkan kepada LHDNM.

7.1.3. Pemilik harta melaporkan pemilikan harta khususnya hartanah kepada LHDNM melalui proses penyeteman perjanjian sewa beli. LHDNM seterusnya menyalurkan maklumat ini ke dalam gudang data melalui Sistem Maklumat Unit Pengesanan (SMUP). Maklumat ini akan digunakan oleh Unit Pengesanan untuk mengesan individu yang masih belum mempunyai fail cukai selain bertujuan untuk membesarkan asas cukai.

7.1.4. Manakala bagi pendaftaran kenderaan pula maklumat pemilikan kenderaan disimpan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Pihak LHDNM pernah bekerjasama dengan pihak JPJ di mana maklumat pendaftaran kenderaan di JPJ ini disalurkan kepada LHDNM bagi tujuan pembesaran asas cukai. Bagaimanapun mulai tahun 2010, maklumat ini tidak dikemukakan kepada LHDNM antaranya disebabkan sistem kerangka utama JPJ tidak mampu untuk menjanakan maklumat seperti yang diperlukan oleh LHDNM.

7.1.5. Pemilik harta dalam pengauditan ini merujuk kepada individu yang telah melaporkan pemilikan harta kepada LHDNM dengan menggunakan Borang Deklarasi di Bawah Seksyen 5, Akta Setem 1949 Berhubung Dengan Pindah Milik Harta Tanah (Borang PDS15) atau menggunakan Perkhidmatan Penyeteman Elektronik (eSTAMP) serta individu yang telah mendaftar kenderaan yang dimiliki menggunakan Borang Permohonan Pendaftaran Kenderaan Bermotor (Borang JPJK1) di JPJ bagi tempoh bulan Januari 2009 hingga 30 Jun 2011.

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pemilik harta telah mempunyai Fail Cukai Pendapatan serta melaporkan pendapatannya dan menilai sama ada pengurusan cukai pendapatan pemilik harta dilaksanakan dengan cekap dan teratur.

7.3. SKOP PENGAUDITAN

7.3.1. Bagi tujuan pengauditan ini harta ditetapkan sebagai hartanah yang bernilai RM500,000 dan ke atas bagi kawasan Lembah Klang dan hartanah RM100,000 dan ke atas bagi kawasan luar Lembah Klang yang terdiri daripada rumah sebuah/berkembar/teres, kondominium/apartmen atau rumah kedai dan kenderaan yang mempunyai kapasiti 2000 c.c. ke atas.

7.3.2. Pengauditan telah dijalankan di Cawangan LHDNM W.P. Kuala Lumpur/Putrajaya/Selangor; Kota Kinabalu, Sabah; W.P. Labuan; Kuching/Miri/Bintulu, Sarawak; Kota Bharu, Kelantan; Kuala Terengganu, Terengganu; Raub, Pahang; Seremban, Negeri Sembilan; dan Cawangan Pungutan LHDNM, Jalan Duta. Sebanyak 5,619 borang PDS 15 termasuk data eSTAMP yang diisytiharkan di Unit Duti Setem oleh pemilik harta dan 2,652 kenderaan yang didaftarkan di JPJ telah diperiksa seperti ditunjukkan dalam jadual berikut:

JADUAL 7.1
JUMLAH SAMPEL YANG DIAUDIT

CAWANGAN LHDNM	JUMLAH		JUMLAH SAMPEL
	BORANG PDS 15 DAN eSTAMP	NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN	
W.P. Kuala Lumpur/W.P. Putrajaya/Selangor	1,220	252	1,472
Kota Kinabalu, Sabah	1,184	500	1,684
W.P. Labuan	400	200	600
Kuching/Miri/Bintulu, Sarawak	499	500	999
Kota Bharu, Kelantan	215	300	515
Kuala Terengganu, Terengganu	800	300	1,100
Raub, Pahang	501	300	801
Seremban, Negeri Sembilan	800	300	1,100
JUMLAH	**5,619**	**2,652**	**8,271**

7.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Semakan telah dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen; analisis terhadap data Unit Duti Setem iaitu data PDS 15 dan juga data eSTAMP serta maklumat pemilikan kenderaan yang diperoleh daripada pihak JPJ; dan temu bual dengan pegawai LHDNM di semua peringkat yang terlibat dengan pengurusan audit meja/audit luar juga dilakukan.

7.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2011 hingga Mei 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan cukai pendapatan pemilik harta adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

i. pemilik harta tidak mempunyai fail cukai pendapatan;
ii. maklumat tidak disalurkan ke Profil Pembayar Cukai [*Enterprise Taxpayer Profile* (ETP)];
iii. tindakan pengesanan tidak dibuat terhadap pemilik harta;
iv. data/maklumat dalaman yang tidak tepat;
v. pemilihan kes pemilik harta untuk tindakan audit meja atau audit luar kurang diberi perhatian; dan
vi. tindakan sekatan perjalanan dan tindakan guaman sivil tidak dibuat terhadap pemilik harta yang mempunyai cukai tertunggak.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan dan maklum balas LHDNM adalah seperti di perenggan berikut:

7.5.1. Pemilik Harta Tidak Mempunyai Fail Cukai Pendapatan

Jadual Arahan Potongan Cukai Berjadual yang dikeluarkan oleh LHDNM menetapkan jumlah pendapatan yang melayakkan seseorang individu itu mempunyai fail cukai pendapatan. Semakan Audit terhadap 5,619 maklumat yang diterima oleh LHDNM dan

2,652 maklumat yang diperoleh dari pihak JPJ mendapati sebanyak 945 (16.8%) pemilik hartanah dengan nilai harta antara RM0.10 juta hingga RM7.10 juta dan 225 (8.4%) pemilik kenderaan yang berkapasiti 2000 c.c. ke atas tidak mempunyai fail cukai pendapatan. Selain daripada tidak melaporkan pendapatan kepada LHDNM, keadaan ini juga boleh mengakibatkan kekurangan hasil dipungut sekiranya pemilik harta tersebut layak untuk dikenakan cukai pendapatan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.2
BILANGAN PEMILIK HARTA TIDAK MEMPUNYAI FAIL CUKAI PENDAPATAN

CAWANGAN LHDNM	BIL. PEMILIK HARTA					
	HARTANAH			KENDERAAN		
	SAMPEL DISEMAK	BIL. SAMPEL TIADA FAIL CUKAI	JULAT NILAI PEROLEHAN HARTANAH (RM Juta)	SAMPEL DISEMAK	BIL. SAMPEL TIADA FAIL CUKAI	NILAI KENDERAAN
Kuala Lumpur/ Putrajaya/Selangor	1,220	315	0.50 - 7.10	252	16	Maklumat harga kenderaan tidak dibekalkan tetapi mempunyai kapasiti melebihi 2000 c.c.
Kota Kinabalu	1,184	47	0.19 - 1.45	500	34	
Labuan	400	31	0.10 - 0.90	200	21	
Kuching/Miri/Bintulu	499	12	0.27 - 3.10	500	11	
Kota Bharu	215	42	0.25 - 1.66	300	60	
Kuala Terengganu	800	33	0.25 - 1.60	300	19	
Raub	501	101	0.25 - 1.60	300	46	
Seremban	800	364	0.25 - 1.70	300	18	
JUMLAH	**5,619**	**945**	**0.10 - 7.10**	**2,652**	**225**	

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Arahan Operasi dan Pekeliling Operasi Bil. 7 Tahun 2009 berhubung penggunaan Sistem Maklumat Unit Pengesanan (SMUP) ada menggariskan arahan untuk cawangan mengambil tindakan bagi memasukkan data ke dalam gudang data. Bagaimanapun, cawangan mengalami kekurangan tenaga pekerja untuk mendapatkan maklumat dari pihak ketiga, memproses serta memasukkan maklumat berkenaan ke dalam SMUP seterusnya mendaftarkan fail. Selain itu, tiada satu sistem pemprosesan maklumat yang sistematik untuk mengenal pasti pembayar cukai yang layak didaftarkan fail berdasarkan maklumat pihak ketiga yang dimasukkan ke dalam gudang data.

Bagi menangani masalah kekurangan tenaga kerja, cawangan telah diluluskan oleh Jabatan Sumber Manusia LHDNM bagi mengambil pegawai sambilan untuk cawangan masing-masing mulai bulan Julai 2012. Selain itu, pihak LHDNM juga sedang menunggu kelulusan dari JPJ untuk mendapatkan maklumat pemilikan kenderaan. Seterusnya untuk mengenal pasti individu yang layak dikenakan cukai secara sistematik, mulai bulan Februari 2012 Jabatan Pematuhan Cukai telah mula mengguna pakai Case Management System Pengesanan (CMS Pengesanan) yang juga merupakan sistem Data Mining untuk membolehkan mereka yang berisiko dapat dikenal pasti melalui pemilikan aset mereka untuk diambil tindakan sama ada untuk mendaftarkan fail atau pun diaudit.

Pada pendapat Audit, kemampuan untuk memiliki harta yang bernilai juga sepatutnya menjadi salah satu daripada kayu pengukur bagi menentukan individu layak mempunyai fail cukai pendapatan.

7.5.2. Pemilik Harta Mempunyai Fail Cukai Pendapatan Tetapi Maklumat Tidak Dimuat Naik Ke Dalam Sistem Profil Pembayar Cukai (Enterprise Taxpayer Profile - ETP)

7.5.2.1. Maklumat PDS 15 serta eSTAMP yang diterima disalurkan ke ETP dan digunakan oleh pegawai LHDNM sebagai rujukan dalam melaksanakan pengauditan. Selain itu ianya juga digunakan sebagai platform untuk perkongsian maklumat antara Cawangan LHDNM. Semakan Audit terhadap 4,674 pemilik hartanah yang telah melaporkan pemilikan harta melalui PDS15 dan eSTAMP serta mempunyai fail cukai pendapatan mendapati 579 maklumat pemilik hartanah ini tidak dimuat naikkan ke dalam ETP dengan julat cukai kena dibayar antara RM19 hingga RM307,149. Ketiadaan maklumat di ETP ini boleh memberi kesan terhadap analisis pendapatan yang dibuat oleh pegawai LHDNM. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.3
MAKLUMAT PEMILIK HARTA TIDAK DIMUATNAIKKAN KE DALAM ETP

CAWANGAN LHDNM	BIL. PEMILIK HARTA		JULAT NILAI PEROLEHAN HARTA (RM Juta)	JULAT CUKAI KENA DIBAYAR MENGIKUT MAKLUMAT BORANG NYATA (RM)
	MEMPUNYAI FAIL CUKAI	MAKLUMAT TIDAK DIINPUT		
Kuala Lumpur/Putrajaya/ Selangor	905	180	0.63 - 7.00	510 - 307,149
Kota Kinabalu	1,137	93	0.19 - 2.12	27 - 93,833
Labuan	369	8	0.26 - 1.28	3,222 - 3,227
Kuching/Miri/Bintulu	487	133	0.28 - 7.25	19 - 155,506
Kota Bharu	173	39	0.25 - 2.00	76 - 45,582
Kuala Terengganu	767	62	0.25 - 1.10	45 - 36,475
Raub	400	27	0.28 - 1.05	44 - 25,419
Seremban	436	37	0.25 - 2.09	411 - 32,078
JUMLAH	**4,674**	**579**	**0.19 - 7.25**	**19 - 307,149**

7.5.2.2. Selain daripada itu, pihak Audit telah menyemak 2,427 maklumat pemilikan kenderaan oleh individu bagi tahun 2009 hingga 2011 yang diperoleh daripada JPJ serta mempunyai fail cukai pendapatan. Hasil semakan Audit mendapati sebanyak 1,180 (48.6%) maklumat individu tersebut tidak dimuat naik dalam ETP kerana ketiadaan mekanisme perkongsian maklumat antara kedua agensi ini dan secara tidak langsung memberi kesan kepada butiran serta ketepatan maklumat dalam ETP. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.4
MAKLUMAT PEMILIK KENDERAAN TIDAK DIMUAT NAIK KE DALAM ETP

CAWANGAN LHDNM	BIL. PEMILIK HARTA			JULAT CUKAI KENA DIBAYAR MENGIKUT MAKLUMAT BORANG NYATA (RM)
	DISEMAK	MEMPUNYAI FAIL CUKAI	MAKLUMAT TIDAK DIMUATNAIK	
Kuala Lumpur/Putrajaya/ Selangor	252	236	181	63 - 4,823,924
Kota Kinabalu	500	466	265	25 - 207,966
Labuan	200	179	85	74 - 195,076
Kuching/Miri/Bintulu	500	489	89	196 - 396,408
Kota Bharu	300	240	87	139 -100,990
Kuala Terengganu	300	281	145	12 - 28,878
Raub	300	254	153	40 - 37,153
Seremban	300	282	175	35 - 252,212
JUMLAH	**2,652**	**2,427**	**1,180**	**12 - 4,823,924**

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

LHDNM sedang menunggu kelulusan dari JPJ untuk mendapatkan maklumat pemilikan kenderaan. Pihak JPJ, melalui suratnya bertarikh 23 April 2012, telah memutuskan untuk mengenakan bayaran untuk setiap rekod. LHDNM telah mengenal pasti sebanyak 4,673,903 rekod yang diperlukan dari pihak JPJ. Memandangkan ia melibatkan satu jumlah pembayaran yang tinggi ke atas rekod tersebut, surat permohonan pengecualian bayaran kepada JPJ telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah JPJ pada 31 Mei 2012 oleh LHDNM.

Pada pendapat Audit, kerjasama yang erat antara LHDNM dengan pihak luar terutamanya Agensi Kerajaan seperti JPJ dalam perkongsian maklumat boleh membantu LHDNM memperluaskan asas cukai serta meningkatkan hasil kutipan cukai.

7.5.3. Tindakan Pengesanan Tidak Dibuat Terhadap Maklumat Pemilik Hartanah

Unit Pengesanan bertanggungjawab mengesan individu yang layak membayar cukai pendapatan di setiap Cawangan dengan merujuk kepada maklumat yang diterima dari pihak ketiga selain daripada maklumat dalaman seperti maklumat PDS15 dan eSTAMP yang disalurkan ke Sistem Maklumat Unit Pengesanan (SMUP). Maklumat ini digunakan untuk mengesan individu yang layak untuk didaftarkan sebagai pembayar cukai. Semakan Audit terhadap 945 maklumat individu yang diterima melalui PDS 15 dan eSTAMP dan tidak mempunyai fail cukai pendapatan mendapati 874 (92.5%) maklumat ini tidak dijalankan tindakan pengesanan untuk pendaftaran fail oleh Unit Pengesanan dengan julat nilai perolehan harta antara RM0.10 juta hingga RM7.10 juta. Tindakan pengesanan juga tidak dijalankan terhadap 211 (93.8%) daripada 225 pemilik kenderaan berkapasiti 2000 c.c. ke atas yang tidak mempunyai fail cukai pendapatan. Ini boleh mengakibatkan pemilik harta yang layak dikenakan cukai tidak dikesan dan terlepas daripada melaksanakan tanggungjawab sebagai pembayar cukai. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.5
TIADA TINDAKAN PENGESANAN DIBUAT

CAWANGAN LHDNM	BIL. PEMILIK HARTA TIDAK MEMPUNYAI FAIL CUKAI		TINDAKAN PENGESANAN TIDAK DIBUAT			
	MAKLUMAT PDS 15 DAN eSTAMP	MAKLUMAT JPJ	MAKLUMAT PDS 15 DAN eSTAMP	JULAT NILAI PEROLEHAN HARTA (RM Juta)	MAKLUMAT JPJ	NILAI KENDERAAN (RM)
Kuala Lumpur/ Putrajaya/Selangor	315	16	315	0.50 - 7.10	16	Maklumat harga kenderaan tidak dibekalkan tetapi mempunyai kapasiti melebihi 2000 c.c.
Kota Kinabalu	47	34	42	0.19 - 1.25	34	
Labuan	31	21	22	0.10 - 0.90	21	
Kuching/Miri/Bintulu	12	11	12	0.25 - 1.75	11	
Kota Bharu	42	60	42	0.25 - 1.66	60	
Kuala Terengganu	33	19	33	0.26 - 1.60	19	
Raub	101	46	44	0.25 - 1.42	32	
Seremban	364	18	364	0.25 - 1.70	18	
JUMLAH	**945**	**225**	**874**	**0.10 - 7.10**	**211**	

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Cawangan LHDNM mengalami kekurangan tenaga pekerja untuk memasukkan data berkenaan dan mengambil tindakan yang sepatutnya seperti mendapat, memproses dan memasukkan maklumat ke dalam SMUP seterusnya mendaftarkan fail. Selain itu, ketiadaan sistem pemprosesan maklumat yang sistematik untuk mengenal pasti pembayar cukai yang layak didaftarkan fail berdasarkan maklumat pihak ketiga yang dimasukkan ke gudang data juga boleh mengakibatkan tindakan pengesanan tidak dapat dilaksanakan. Oleh yang demikian, Jabatan Pematuhan Cukai (JPC) telah mula mengguna pakai CMS Pengesanan yang juga merupakan sistem Data Mining untuk membolehkan mereka yang berisiko dapat dikenal pasti melalui pemilikan aset mereka untuk diambil tindakan sama ada untuk didaftar fail ataupun diaudit.

Pada pendapat Audit, tindakan pengesanan perlu diambil segera bagi mengelak daripada berlakunya pelarian cukai oleh individu yang layak membayar cukai pendapatan.

7.5.4. Pelaksanaan Audit Luar Atau Audit Meja Terhadap Pemilik Harta

7.5.4.1. Pelaksanaan audit sama ada audit meja atau audit luar hanya akan dibuat terhadap kes yang telah dikenal pasti berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan oleh LHDNM. Semakan Audit terhadap 7,101 sampel pemilik harta yang mempunyai fail cukai pendapatan mendapati hanya 1,715 (24.2%) pembayar cukai yang terpilih untuk dilaksanakan audit sama ada audit meja atau audit luar. Daripada jumlah bilangan tersebut, sebanyak 238 (13.9%) pembayar cukai telah diaudit melibatkan tahun taksiran semasa harta tersebut diperoleh melibatkan cukai tambahan berjumlah RM1.58 juta manakala 1,477 pembayar cukai telah diaudit melibatkan tahun taksiran selain daripada tahun taksiran harta diperoleh melibatkan cukai tambahan berjumlah RM10.96 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.6
PERATUSAN PEMILIHAN KES PEMILIK HARTA UNTUK DILAKSANAKAN AUDIT

CAWANGAN LHDNM	*BIL. PEMILIK HARTA DIAUDIT OLEH JABATAN AUDIT NEGARA	BIL. DILAKSANAKAN PENGAUDITAN OLEH LHDNM		DILAKSANAKAN AUDIT MEJA/ AUDIT LUAR (%)	TELAH DILAKSANAKAN			
		BIL. PEMILIK HARTA MEMPUNYAI FAIL CUKAI	AUDIT MEJA/ AUDIT LUAR		MELIBATKAN TAHUN TAKSIRAN HARTA DIPEROLEH	CUKAI TAMBAHAN (RM Juta)	MELIBATKAN TAHUN TAKSIRAN SELAIN DARIPADA TAHUN TAKSIRAN HARTA DIPEROLEH	CUKAI TAMBAHAN (RM Juta)
Kuala Lumpur/ Putrajaya/ Selangor	1,472	1,141	364	31.9	48	0.03 (37,415)	316	6.19 (6,192,506)
Kota Kinabalu	1,684	1,603	561	35.0	77	0.16 (166,961)	484	1.12 (1,120,548)
Labuan	600	548	142	25.9	19	0.12 (124,395)	123	-
Kuching/Miri/ Bintulu	999	976	123	12.6	27	0.88 (880,433)	96	1.55 (1,553,742)
Kota Bharu	515	413	42	10.2	-	-	42	0.16 (156,665)
Kuala Terengganu	1,100	1,048	216	20.6	25	0.08 (87,575)	191	-

CAWANGAN LHDNM	*BIL. PEMILIK HARTA DIAUDIT OLEH JABATAN AUDIT NEGARA	BIL. DILAKSANAKAN PENGAUDITAN OLEH LHDNM		DILAKSANAKAN AUDIT MEJA/ AUDIT LUAR (%)	TELAH DILAKSANAKAN			
		BIL. PEMILIK HARTA MEMPUNYAI FAIL CUKAI	AUDIT MEJA/ AUDIT LUAR		MELIBATKAN TAHUN TAKSIRAN HARTA DIPEROLEH	CUKAI TAMBAHAN (RM Juta)	MELIBATKAN TAHUN TAKSIRAN SELAIN DARIPADA TAHUN TAKSIRAN HARTA DIPEROLEH	CUKAI TAMBAHAN (RM Juta)
Raub	801	654	159	24.3	21	0.09 (92,067)	138	0.08 (78,238)
Seremban	1,100	718	108	15.0	21	0.19 (193,813)	87	1.86 (1,864,967)
JUMLAH	**8,271**	**7,101**	**1,715**	**24.2**	**238**	**1.58 (1,582,659)**	**1,477**	**10.96 (10,966,666)**

Nota: ***(*) - Sampel LHDNM Dan JPJ***

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Bagi mengenal pasti individu yang layak dikenakan cukai secara sistematik, CMS Pengesanan telah digunakan untuk mengenal pasti mereka yang berisiko melalui pemilikan aset untuk diambil tindakan sama ada untuk didaftar fail ataupun diaudit. Kes-kes pemilikan harta akan dijana oleh Jabatan Pematuhan Cukai pada bulan Julai 2012.

7.5.4.2. Semakan Audit selanjutnya terhadap pemilik harta yang mempunyai fail cukai pendapatan mendapati seramai 2,756 pemilik harta yang melaporkan penurunan pendapatan/tidak melaporkan pendapatan/tidak menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) atau melaporkan pendapatan yang tidak layak dikenakan cukai sebenarnya mempunyai kemampuan untuk memperoleh harta dalam julat nilai perolehan antara RM0.10 juta hingga RM8.38 juta. Pihak Audit mendapati LHDNM tidak melaksanakan pengauditan cukai terhadap pemilik harta berkenaan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.7
PEMILIK HARTA TIDAK TERPILIH UNTUK DILAKSANAKAN PENGAUDITAN

CAWANGAN LHDNM	BIL. PEMILIK HARTA TIDAK DILAKSANAKAN PENGAUDITAN OLEH LHDNM	JULAT NILAI PEROLEHAN HARTA-LHDNM SAHAJA (RM Juta)
Kuala Lumpur/Putrajaya/Selangor	350	0.55 - 8.38
Kota Kinabalu	989	0.19 - 3.33
Labuan	240	0.10 - 1.58
Kuching/Miri/Bintulu	217	0.25 - 7.25
Kota Bharu	163	0.25 - 2.50
Kuala Terengganu	305	0.25 - 1.60
Raub	297	0.25 - 1.60
Seremban	195	0.39 - 3.80
JUMLAH	**2,756**	**0.10 - 8.38**

Pada pendapat Audit tindakan lanjut seperti audit luar atau audit meja perlu dilaksanakan terhadap golongan pemilik harta ini untuk mengelak daripada berlakunya pelarian cukai.

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Pendapat Audit adalah dipersetujui bahawa individu yang memiliki harta tetapi melaporkan pendapatan berkurangan/tidak kena cukai/tiada BNCP perlu diambil kira sebagai salah satu kriteria untuk tindakan audit luar/meja. Ini boleh mengelak berlakunya pelarian cukai. Mulai 1 Mac 2012, pemilihan kes audit berdasarkan kepada kriteria perbandingan jumlah pendapatan dengan nilai pemilikan harta telah pun dibuat. Kes pemilikan harta akan dijana dalam bulan Julai 2012. Manakala bagi mengaudit pembayar cukai yang tidak pernah dipilih untuk diaudit sebelum ini kod khusus telah diwujudkan oleh JPC agar semua pembayar cukai yang menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan adalah tidak terkecuali untuk dipilih bagi tindakan audit.

7.5.5. Tindakan Pemungutan

7.5.5.1. Sekatan Perjalanan

Seksyen 104 ACP 1967 menetapkan Ketua Pengarah LHDNM boleh mengeluarkan perintah halangan ke luar negara kepada pembayar cukai yang mempunyai cukai tertunggak. Bagi memperkemaskan lagi tindakan sekatan ke luar negara surat perakuan akan dihantar kepada Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia bagi menghalang pembayar cukai daripada ke luar negara sebelum menjelaskan cukai tertunggak kepada LHDNM. Semakan Audit terhadap 16 pemilik harta yang mempunyai cukai tertunggak antara RM2,222 hingga RM66,702 dengan keseluruhan tunggakan berjumlah RM300,939 mendapati tindakan menghalang daripada ke luar negara tidak dibuat. Kegagalan menguatkuasakan perintah halangan ini antaranya boleh menyumbang kepada peningkatan tunggakan hasil. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.8
TINDAKAN MENGHALANG PEMILIK HARTA YANG MEMPUNYAI CUKAI TERTUNGGAK DARIPADA KE LUAR NEGARA TIDAK DIBUAT

CAWANGAN LHDNM	BIL. PEMILIK HARTA LAYAK DIKENAKAN SEKATAN PERJALANAN	AMAUN CUKAI TERTUNGGAK DAN JULAT (RM)
Kuala Lumpur/Putrajaya/Selangor	5	81,785 (2,222 - 31,247)
Kota Kinabalu	6	67,937 (2,287 - 33,128)
Kota Bharu	2	74,381 (9,383 - 64,997)
Kuala Terengganu	2	10,134 (3,865 - 10,134)
Raub	1	66,702 (66,702)
JUMLAH	**16**	**300,939 (2,222 - 66,702)**

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Tindakan sekatan perjalanan di bawah seksyen 104 ACP 1967 hanya akan dibuat apabila kaedah lain dalam memungut tunggakan tidak berhasil, sebagai contoh pembayar cukai terlibat dengan jadual ansuran, gagal dikesan ataupun bayaran tunggakan cukai telah dikontra dari kredit pasangan.

7.5.5.2. Tindakan Guaman Sivil

Seksyen 106 ACP 1967 memperuntukkan apa-apa amaun yang perlu dibayar oleh pembayar cukai adalah merupakan satu hutang kepada Kerajaan dan boleh dikutip oleh Kerajaan melalui kaedah tindakan guaman sivil. Seksyen ini jelas memberi kuasa kepada LHDNM selaku agen Kerajaan untuk mengutip cukai yang tertunggak melalui tindakan guaman sivil. Semakan Audit selanjutnya terhadap lejar 16 pemilik harta seperti di **Jadual 7.8** mendapati tindakan permulaan guaman sivil tidak diambil terhadap pemilik harta tersebut.

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Tindakan pemungutan diambil ke atas cukai tertunggak berdasarkan strategi dan mengikut keutamaan memandangkan kakitangan yang terhad seperti yang dinyatakan dalam program percukaian. Arahan dan pekeliling juga telah dikeluarkan bagi menerang dan memudahkan lagi tindakan guaman sivil.

Pada pendapat Audit, LHDNM hendaklah mengambil tindakan pemungutan seperti tindakan menghalang ke luar negara dan tindakan guaman sivil terhadap pemilik harta yang mempunyai tunggakan cukai bagi mengelak daripada kehilangan hasil Kerajaan serta mengurangkan cukai tertunggak.

7.6. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan lagi pengurusan cukai pendapatan pemilik harta, LHDNM disyorkan supaya meneliti dan mengambil tindakan seperti berikut:

7.6.1. Bekerjasama dengan agensi Kerajaan atau swasta dalam perkongsian maklumat agar asas cukai dapat diperluaskan serta membolehkan kutipan cukai dipertingkatkan.

7.6.2. Tindakan pengesanan perlu diperkukuhkan serta diperkasakan bagi mengelak daripada berlakunya pelarian cukai oleh individu yang layak dikenakan cukai.

7.6.3. Kriteria pemilihan kes untuk audit meja atau audit luar perlu dilanjutkan kepada pemilik harta untuk mengelak daripada berlakunya pelaporan pendapatan yang tidak tepat, kekurangan kutipan hasil dan mengelak daripada berlakunya pelarian cukai.

7.6.4. Mengambil tindakan menghalang ke luar negara dan tindakan guaman sivil terhadap pemilik harta yang mempunyai tunggakan cukai bagi mengelakkan kehilangan hasil Kerajaan dan mengurangkan cukai tertunggak.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 63-67 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

8. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
- PENGURUSAN AKTIVITI AUDIT MEJA DI CAWANGAN TIDAK BERMASTAUTIN

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Mengikut Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967, secara amnya individu tidak bermastautin ialah mereka yang berada kurang daripada 182 hari di Malaysia dalam satu tahun tanpa mengira kerakyatan atau kewarganegaraan. Pengenaan cukai bagi individu tidak bermastautin adalah berdasarkan pendapatan yang diperoleh atau diterima di Malaysia. Kadar cukai yang dikenakan terhadap individu tidak bermastautin adalah sebanyak 26 peratus mulai tahun taksiran 2010 tanpa tolakan pelepasan dan rebat cukai. Syarikat tidak bermastautin pula akan dikenakan cukai apabila menjalankan perniagaan melalui pertubuhan tetap di Malaysia dan ditaksir atas pendapatan yang terakru dari Malaysia dan kadar cukai yang dikenakan adalah sebanyak 25 peratus mulai tahun taksiran 2009.

8.1.2. Sistem Taksir Sendiri (STS) bermula pada tahun taksiran 2001 bagi pembayar cukai kategori syarikat (C). Manakala STS dikuatkuasakan kepada pembayar cukai kategori individu berpendapatan perniagaan (OG) dan individu berpendapatan penggajian (SG) mulai tahun taksiran 2004. STS merupakan satu kaedah di mana pembayar cukai diberi tanggungjawab untuk mengurus cukai pendapatan sendiri iaitu membayar cukai mengikut skim ansuran cukai, mengisi dan mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan, membayar baki cukai atau menuntut balik lebihan bayaran cukai serta menyimpan rekod untuk semakan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Di bawah STS, audit cukai melalui audit meja dan audit luar adalah aktiviti utama LHDNM bagi meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela. Pengauditan ini dilaksanakan oleh LHDNM untuk memastikan pendapatan yang dilaporkan dan dibayar adalah mengikut undang-undang dan peraturan percukaian.

8.1.3. Cawangan Tidak Bermastautin (LHDNM) terletak di Kuala Lumpur dan fungsinya adalah untuk menguruskan cukai pendapatan individu dan syarikat yang tidak bermastautin di Malaysia. Bilangan fail aktif pembayar cukai di Cawangan Tidak Bermastautin bagi kategori syarikat, individu berpendapatan perniagaan dan individu berpendapatan penggajian bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.1
BILANGAN FAIL AKTIF DI CAWANGAN TIDAK BERMASTAUTIN
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011

TAHUN	BIL. PEMBAYAR CUKAI MENGIKUT KATEGORI FAIL			JUMLAH (Fail)
	SYARIKAT (C)	INDIVIDU BERPENDAPATAN		
		PERNIAGAAN (OG)	PENGGAJIAN (SG)	
2008	3,076	5,568	28,847	37,491
2009	3,202	6,058	32,070	41,330
2010	3,117	8,368	40,411	51,896
2011	3,158	8,828	47,839	59,825

Sumber: ***Statistik Jabatan Pematuhan Cukai, LHDNM***

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti audit meja bagi pembayar cukai tidak bermastautin dilaksanakan dengan cekap, teratur dan mengikut undang-undang serta peraturan yang ditetapkan.

8.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi pengurusan aktiviti audit meja bagi pembayar cukai tidak bermastautin untuk tahun 2010 dan 2011. Semakan Audit dijalankan terhadap 122 fail pembayar cukai yang melibatkan 200 kes audit meja yang diselesaikan pada tahun 2010 hingga bulan Jun 2011 di Cawangan Tidak Bermastautin LHDNM. Pembahagian untuk pengauditan kes bagi setiap kategori adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.2
PEMBAHAGIAN FAIL DAN KES UNTUK PENGAUDITAN

KATEGORI FAIL	BIL. FAIL PEMBAYAR CUKAI	BIL. KES
OG	58	101
SG	41	53
C	23	46
JUMLAH	**122**	**200**

8.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan fail, rekod dan dokumen berkaitan taksiran dan pungutan. Selain itu, temu bual dengan pegawai LHDNM yang terlibat dengan pengurusan audit meja dan pungutan juga diadakan.

8.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2011 mendapati secara keseluruhannya pengurusan aktiviti audit meja di Cawangan Tidak Bermastautin adalah memuaskan di mana prestasinya telah meningkat daripada ketidakcapaian sasaran pada tahun 2010 kepada pencapaian melebihi sasaran pada tahun 2011. Bagaimanapun daripada aspek pelaksanaan aktivitinya, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

i. berlaku kelewatan dalam pendaftaran kes;
ii. kelemahan pungutan cukai mengakibatkan berlaku tunggakan cukai berjumlah RM3.36 juta di antara satu hingga 132 bulan;
iii. kenaikan cukai tidak atau terkurang dikenakan; dan
iv. arahan mengeluarkan perintah halangan ke luar negara dan tindakan guaman sivil tidak diambil terhadap pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai yang melebihi had yang ditetapkan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta maklum balas LHDNM adalah seperti di perenggan berikut:

8.5.1. Prestasi Aktiviti Audit Meja

8.5.1.1. Pencapaian KPI Cawangan Tidak Bermastautin

LHDNM menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI) audit meja bagi tahun 2010 dan 2011 berdasarkan kepada bilangan pegawai yang diisi, peratus tumpuan masa dan norma kerja setahun. Adalah didapati pencapaian KPI tidak menepati sasaran yang ditetapkan untuk tahun 2010 di mana peratus pencapaian fail kategori syarikat, individu OG dan SG hanya sebanyak 51.5%, 63.7% dan 41.2% masing-masingnya. Bagaimanapun, sasaran KPI dapat dicapai pada tahun 2011 dengan peratusan penyelesaian fail kategori syarikat sebanyak 109.5%, fail kategori individu OG sebanyak 104.8% dan SG sebanyak 100.9%. Pencapaian KPI bagi 2 tahun tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.3
PENCAPAIAN KPI AUDIT MEJA CAWANGAN TIDAK BERMASTAUTIN
BAGI TAHUN 2010 DAN 2011

KATEGORI FAIL	SASARAN* KPI (Fail)	PENCAPAIAN KPI*	
		(Fail)	(%)
Tahun 2010			
Syarikat (C/CS/TA/TC/TR)	853	439	51.5
Individu (OG/D/TP/F/FA/J)	1,356	864	63.7
Individu (SG)	16,755	6,907	41.2
Tahun 2011			
Syarikat (C/CS/TA/TC/TR)	823	901	109.5
Individu (OG/D/TP/F/FA/J)	1,811	1,898	104.8
Individu (SG)	12,018	12,122	100.9

Nota: ***(*) - Statistik Daripada Jabatan Pematuhan Cukai, LHDNM***

8.5.1.2. Kes Audit Meja Yang Dapat Diselesaikan

Analisis Audit mendapati sebanyak 37,925 kes audit meja dapat diselesaikan bagi kategori individu SG dan OG pada tahun 2010 dan 2011. Cukai tambahan berjumlah RM60.78 juta dan penalti berjumlah RM1.54 juta telah dikenakan terhadap pembayar cukai. Bagi kes audit meja syarikat pula, Unit Audit Meja, Cawangan Tidak Bermastautin telah berjaya menyelesaikan sebanyak 2,112 kes. Cukai tambahan sejumlah RM52.04 juta dan penalti berjumlah RM0.78 juta telah dikenakan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.4
KES AUDIT MEJA YANG DAPAT DISELESAIKAN BAGI TAHUN 2010 DAN 2011

TAHUN	INDIVIDU (SG DAN OG)			SYARIKAT		
	BIL. KES SELESAI	CUKAI TAMBAHAN (RM Juta)	PENALTI (RM Juta)	BIL. KES SELESAI	CUKAI TAMBAHAN (RM Juta)	PENALTI (RM Juta)
2010	15,684	34.28	0.97	870	6.14	0.18
2011	22,241	26.50	0.57	1,242	45.90	0.60
JUMLAH	**37,925**	**60.78**	**1.54**	**2,112**	**52.04**	**0.78**

Pada pendapat Audit, prestasi Cawangan Tidak Bermastautin telah meningkat daripada ketidakcapaian KPI pada tahun 2010 kepada pencapaian melebihi sasaran pada tahun 2011. Selain itu, cukai tambahan dan penalti berjumlah RM115.14 juta berjaya dikenakan hasil daripada penyelesaian 40,037 kes audit meja kategori individu (SG dan OG) dan syarikat.

8.5.2. Pengurusan Aktiviti Audit Meja

8.5.2.1. Kelewatan Tempoh Pendaftaran Kes Audit Meja

Bagi kes yang diterima daripada Pengurus Audit, ia hendaklah didaftarkan dalam tempoh 7 hari bagi kategori syarikat dan 14 hari bagi kategori individu. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sebanyak 23 kes (50%) kategori syarikat dan 103 kes (66.9%) kategori individu (OG dan SG) telah didaftarkan melebihi tempoh yang ditetapkan. Sebanyak 126 kes (63%) kes lewat didaftarkan selepas menerima kes daripada Pengurus Audit melibatkan penyelesaian cukai berjumlah RM2.42 juta seperti ditunjukkan di jadual berikut:

JADUAL 8.5
KELEWATAN MENDAFTARKAN KES SELEPAS DITERIMA DARIPADA PENGURUS AUDIT

KATEGORI	TEMPOH DARI TARIKH KES DITERIMA DARIPADA PENGURUS AUDIT DENGAN TARIKH PENDAFTARAN KES						BIL. KES	JUMLAH PENYELESAIAN CUKAI (RM)
	< 30 HARI		> 30 HARI < 90 HARI		> 90 HARI			
	BIL. KES (Hari)	JUMLAH CUKAI (RM)	BIL. KES (Hari)	JUMLAH CUKAI (RM)	BIL. KES (Hari)	JUMLAH CUKAI (RM)		
C	21 (8 - 23)	1,509,398	0	0	2 (113 - 218)	6,086	23	1,515,484
OG	8 (27 - 29)	112,528	31 (31 - 89)	278,762	21 (102 - 214)	30,170	60	421,460
SG	19 (15 - 25)	95,223	21 (33 - 88)	301,240	3 (92 - 135)	82,700	43	479,163
JUMLAH	**48**	**1,717,149**	**52**	**580,002**	**26**	**118,956**	**126**	**2,416,107**

8.5.2.2. Kelewatan Tempoh Penyelesaian Kes Audit Meja

Berdasarkan Standard Kualiti Audit Meja yang berkuat kuasa mulai 19 Ogos 2009, setiap kes audit meja hendaklah diselesaikan dalam tempoh 104 hari. Semakan Audit mendapati sebanyak 184 kes (92.0%) kategori syarikat dan individu (OG) telah diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan manakala sebanyak 16 kes (8.0%) telah diselesaikan melebihi tempoh yang ditetapkan. Kes yang tidak dapat diselesaikan mengikut tempoh ini akan menyebabkan notis taksiran tambahan lewat dikeluarkan dan berlaku kelewatan mengutip cukai yang sepatutnya diterima lebih awal. Kelewatan menyelesaikan kes adalah antara 9 hingga 272 hari dan ia melibatkan jumlah penyelesaian cukai berjumlah RM250,981 seperti ditunjukkan di jadual berikut:

JADUAL 8.6
KELEWATAN TEMPOH PENYELESAIAN KES AUDIT MEJA

KATEGORI	BIL. KES YANG DISEMAK	TEMPOH PENYELESAIAN KES AUDIT MEJA YANG MELEBIHI 104 HARI			JUMLAH PENYELESAIAN CUKAI (RM)
		BIL. KES	(%)	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	
C	46	2	4.3	9 - 145	223,594
OG	101	14	13.9	21 - 272	27,387
SG	53	-	-	-	TB
JUMLAH	**200**	**16**	**8.0**	**9 - 272**	**250,981**

Nota: ***TB - Tidak Berkaitan Kerana Tiada Kelewatan Penyelesaian Kes***

Pada pendapat Audit, kekurangan pemantauan terhadap pengurusan aktiviti audit meja telah mengakibatkan sebanyak 63% kes telah lewat didaftarkan. Bagaimanapun, sebanyak 92% daripada kes yang disemak sebagai sampel Audit dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Kelewatan mendaftarkan kes dan kelewatan tempoh penyelesaian kes audit meja antaranya disebabkan kekangan pegawai LHDNM dalam mengendalikan fail seperti mengutamakan kes yang memerlukan tindakan segera termasuk penyelesaian kes permohonan Sijil Penyelesaian Cukai untuk mengelakkan cukai tidak dapat dikutip kerana pembayar cukai kembali ke negara asal.

8.5.3. Pungutan Cukai

8.5.3.1. Tunggakan Cukai Pendapatan

Seksyen 103 ACP 1967 menetapkan cukai perlu dijelaskan mengikut tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap 122 pembayar cukai mendapati seramai 36 (29.5%) pembayar cukai mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM3.36 juta di antara satu hingga 132 bulan setakat akhir tahun 2011. Daripada jumlah kes tersebut, terdapat 7 kes tunggakan cukai yang melebihi 6 tahun iaitu 4 kes kategori syarikat dengan tunggakan berjumlah RM159,796 dan 3 kes individu (OG dan SG) dengan tunggakan berjumlah RM14,305. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.7
TUNGGAKAN CUKAI PENDAPATAN MENGIKUT USIA SETAKAT AKHIR TAHUN 2011

KATEGORI	BIL. PEMBAYAR CUKAI	> 1 HINGGA 12 BULAN		> 12 HINGGA 72 BULAN		> 72 HINGGA 132 BULAN		JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI	
		BIL. KES	AMAUN (RM)	BIL. KES	AMAUN (RM)	BIL. KES	AMAUN (RM)	BIL. KES	AMAUN (RM)
C	6	13	692,955	21	1,445,504	4	159,796	38	2,298,255
OG	22	46	353,921	48	505,216	2	13,002	96	872,139
SG	8	6	23,277	20	168,249	1	1,303	27	192,829
JUMLAH	**36**	**65**	**1,070,153**	**89**	**2,118,969**	**7**	**174,101**	**161**	**3,363,223**

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Tindakan pemungutan diambil ke atas cukai tertunggak berdasarkan strategi dan mengikut keutamaan memandangkan bilangan pegawai di Unit Pungutan yang terhad. Di antara strategi yang dilaksanakan ialah mengambil tindakan ke atas tunggakan hasil berdasarkan timbunan fail yang mempunyai tunggakan tertinggi.

8.5.3.2. Kenaikan Cukai

Seksyen 103 ACP 1967 menetapkan cukai perlu dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan. Kenaikan cukai sebanyak 10% akan dikenakan atas kegagalan membuat bayaran. Jika bayaran masih tidak dibuat dalam tempoh 60 hari daripada tarikh kenaikan cukai 10% dikenakan, penalti sebanyak 5% lagi akan dikenakan. Semakan Audit mendapati seramai 22 pembayar cukai yang melibatkan 56 kes mempunyai tunggakan cukai tetapi tidak dikenakan kenaikan cukai berjumlah RM129,589 dan 2 (100%) pembayar cukai yang melibatkan 3 kes terkurang dikenakan kenaikan cukai berjumlah RM1,822. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.8
KENAIKAN CUKAI DI BAWAH SEKSYEN 103 ACP TIDAK DAN TERKURANG DIKENAKAN

KATEGORI	TIDAK DIKENAKAN			TERKURANG DIKENAKAN		
	BIL. PEMBAYAR CUKAI	BIL. KES	AMAUN (RM)	BIL. PEMBAYAR CUKAI	BIL. KES	AMAUN (RM)
C	3	9	12,232	-	-	-
OG	10	33	98,299	2	3	1,822
SG	9	14	18,958	-	-	-
JUMLAH	**22**	**56**	**129,589**	**2**	**3**	**1,822**

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Sistem Pengurusan Hasil [Revenue Management System - (ReMS)] telah digunakan mulai tahun 2008 untuk pemantauan debit akhir tahun dan mulai Ogos 2009 untuk pemantauan debit semasa. Bagi mempercepatkan tindakan, ReMS telah menjana kes untuk dikenakan kenaikan secara automatik di mana data akan di upload ke STS/STSNC untuk semakan kali kedua dan notis kenaikan dikeluarkan melalui STS. Bagaimanapun, kenaikan cukai tidak dapat dibuat secara automatik untuk semua kes, antaranya disebabkan kod transaksi dan tahun bayaran yang diberikan oleh pembayar cukai tidak tepat; perlu mengetepikan kes yang ada ansuran; dan mengetepikan kes SG berpendapatan penggajian kerana CP38 perlu dikeluarkan. Bagi kes yang tidak dikenakan kenaikan secara automatik, tindakan kenaikan yang dibuat secara manual adalah berdasarkan senarai tunggakan hasil yang dikeluarkan setiap awal tahun. Arahan Operasi Bil. 6 Tahun 2010 telah dikeluarkan kepada cawangan untuk mengambil tindakan mengenakan kenaikan Seksyen 103 Akta Cukai Pendapatan 1967 atas baki cukai yang tidak dijelaskan dalam tempoh. Selepas teguran Audit, LHDNM telah mengambil tindakan mengenakan kenaikan cukai ke atas kes-kes yang layak dikenakan kenaikan. Kes-kes akan dipantau sehingga penyelesaian.

8.5.3.3. Sekatan Perjalanan Terhadap Pembayar Cukai

Seksyen 104 ACP 1967 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah LHDNM untuk mengeluarkan perintah halangan ke luar negara kepada pembayar cukai yang mempunyai cukai tertunggak. Mengikut Seksyen 75A ACP 1967, mulai 26 Disember 2002, sekatan perjalanan ke luar negara hendaklah dikeluarkan kepada pengarah syarikat sekiranya syarikat berkenaan mempunyai cukai tertunggak melebihi RM10,000. Bagi kes kategori individu pula, Pekeliling Operasi Bil. 9 Tahun 2010 yang berkuat kuasa pada bulan Mei 2010, penetapan had cukai tertunggak adalah berjumlah RM2,000. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati seramai 18 pembayar cukai mempunyai cukai tertunggak berjumlah RM0.91 juta tetapi tidak dikenakan sekatan ke luar negara. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.9
TIADA SEKATAN KE LUAR NEGARA TERHADAP PEMBAYAR CUKAI YANG BELUM MENJELASKAN CUKAI DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN

KATEGORI	BIL. PEMBAYAR CUKAI	JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI (RM)
C	1	15,780
OG	15	825,347
SG	2	72,987
JUMLAH	**18**	**914,114**

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Tindakan mengenakan sekatan perjalanan akan dilaksanakan apabila kaedah lain dalam memungut tunggakan cukai tidak berhasil. Selepas teguran Audit, LHDNM telah mengambil tindakan susulan termasuk surat pungutan baki cukai telah dikeluarkan kepada pembayar cukai.

8.5.3.4. Tindakan Guaman Sivil Terhadap Pembayar Cukai

Seksyen 106 ACP 1967 memperuntukkan bahawa amaun yang perlu dibayar oleh pembayar cukai merupakan satu hutang kepada Kerajaan dan boleh dipungut melalui tindakan guaman sivil. Arahan Operasi Bil. 6 Tahun 2007 telah dikeluarkan untuk menyeragamkan tindakan guaman sivil dan menetapkan pembayar cukai syarikat yang mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM5,000 ke atas dan juga pembayar cukai individu yang mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM2,000 ke atas perlu diambil tindakan guaman sivil. Semakan Audit mendapati seramai 18 pembayar cukai belum dikenakan tindakan guaman sivil walaupun mempunyai tunggakan melebihi jumlah yang ditetapkan. Tunggakan cukai terlibat adalah berjumlah RM2.83 juta iaitu dengan julat antara RM3,975 hingga RM375,708 bagi pembayar cukai individu dan RM10,236 hingga RM1.91 juta bagi pembayar cukai kategori syarikat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.10
TINDAKAN GUAMAN SIVIL TIDAK DIAMBIL TERHADAP PEMBAYAR CUKAI YANG MEMPUNYAI TUNGGAKAN CUKAI

KATEGORI	BIL. PEMBAYAR CUKAI LAYAK DIKENAKAN TINDAKAN GUAMAN SIVIL	TUNGGAKAN CUKAI	
		JULAT (RM)	JUMLAH (RM)
C	5	10,236 - 1,906,874	2,066,931
OG	10	3,975 - 375,708	575,206
SG	3	15,487 - 116,748	189,735
JUMLAH	**18**	**3,975 - 1,906,874**	**2,831,872**

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Pada masa ini tindakan guaman sivil belum diambil ke atas kes pembayar cukai tidak bermastautin. Jabatan Undang-undang telah menyediakan Pekeliling Tindakan Guaman Sivil ke atas majikan yang gagal mematuhi Subseksyen 83(4) dan 83(5) ACP 1967 untuk kelulusan pengurusan atasan. Pekeliling tersebut dijangka dikeluarkan pada bulan Ogos 2012. Tindakan sivil ke atas majikan boleh diambil dengan segera sebaik sahaja Pekeliling tersebut diedarkan kepada Cawangan Tidak Bermastautin.

Pada pendapat Audit, pungutan cukai daripada aktiviti audit meja adalah kurang memuaskan dengan seramai 36 pembayar cukai mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM3.36 juta manakala 24 pembayar cukai tidak atau terkurang dikenakan kenaikan cukai. Selain itu, seramai 19 pembayar cukai yang mempunyai cukai tertunggak berjumlah RM0.91 juta tidak dikenakan sekatan ke luar negara dan 18 pembayar cukai belum dikenakan tindakan guaman sivil walaupun mempunyai tunggakan melebihi jumlah yang ditetapkan.

8.6. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan aktiviti audit meja di Cawangan Tidak Bermastautin adalah disyorkan supaya LHDNM mempertimbangkan perkara berikut:

8.6.1. Meningkatkan pemantauan terhadap pengurusan aktiviti audit meja bagi memastikan setiap kes didaftarkan dan diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

8.6.2. Mempertingkatkan kempen kesedaran kepada pembayar cukai untuk meningkatkan pematuhan cukai.

8.6.3. Memastikan semua pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai dikenakan kenaikan cukai yang betul.

8.6.4. Bagi pembayar cukai yang mempunyai tunggakan yang melebih had yang ditetapkan, tindakan segera hendaklah diambil dengan mengeluarkan perintah halangan ke luar negara serta melalui tindakan guaman sivil.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 68-71
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN KEWANGAN

9. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- **PENGURUSAN AKTIVITI AUDIT CUKAI BAGI INDIVIDU BERPENDAPATAN PERNIAGAAN**

9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) melaksanakan Sistem Taksir Sendiri (STS) bagi individu berpendapatan perniagaan mulai tahun 2004. Pelaksanaan sistem ini bertujuan menggalakkan pembayar cukai melaporkan dan membayar cukai pendapatan yang sewajarnya secara sukarela. Bagi mengesahkan ketepatan cukai pendapatan yang dilaporkan oleh individu berpendapatan perniagaan melalui STS, LHDNM menjalankan aktiviti audit cukai untuk mengesan tahap pematuhan pembayar cukai terhadap undang-undang percukaian dan mewujudkan pematuhan sukarela oleh pembayar cukai di masa akan datang. LHDNM menjalankan pengauditan cukai melalui 2 kaedah berikut:

9.1.1.1. **Audit Luar** - pengauditan cukai dijalankan di premis perniagaan pemilik tunggal atau perkongsian selepas pembayar cukai dimaklumkan terlebih dahulu. Audit luar bertujuan menentukan sama ada Borang Nyata Individu Berpendapatan Perniagaan (Borang B) yang dikemukakan oleh pembayar cukai adalah sahih dan tepat serta disokong dengan dokumen sumber dan buku rekod yang disimpan oleh individu berpendapatan perniagaan. Ia melibatkan pemeriksaan dan pengesahan maklumat berisiko kepada pengiraan cukai.

9.1.1.2. **Audit Meja** - pengauditan cukai dijalankan di pejabat LHDNM dengan tujuan menentukan ketepatan Borang B. Audit meja melibatkan isu pelarasan cukai yang mudah dan dikendalikan melalui surat-menyurat. Bagaimanapun, pembayar cukai boleh dipanggil ke pejabat LHDNM untuk ditemu duga bagi tujuan mendapatkan dokumen sokongan dan maklumat lanjut.

9.1.2. Pemilihan kes audit luar dijalankan oleh Jabatan Pematuhan Cukai (JPC) LHDNM di Ibu Pejabat melalui *Tax Audit and Compliance Systems* (TACS) berasaskan analisis terhadap kes-kes yang berisiko. Manakala pemilihan kes audit meja dibuat oleh JPC LHDNM di Ibu Pejabat melalui sistem pemilihan kes *Event Triggered*. Bagaimanapun, Pengarah Cawangan LHDNM dibenarkan memilih kes tambahan audit luar dan audit meja di mana bagi kes tambahan audit luar, perlu dikemukakan kepada JPC LHDNM di Ibu Pejabat untuk kelulusan sebelum audit luar dimulakan.

9.1.3. Pada umumnya, audit luar lebih berkesan berbanding audit meja bagi mengesan kes pengelakan cukai dan seterusnya dapat meningkatkan pematuhan cukai kerana audit luar dapat menjejaki dokumen sumber dan buku rekod untuk pengesahan terhadap ketepatan pengiraan cukai yang dikemukakan oleh pembayar cukai.

9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti audit cukai bagi individu berpendapatan perniagaan telah dilaksanakan dengan cekap, teratur dan mengikut undang-undang serta peraturan yang ditetapkan.

9.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi kes individu berpendapatan perniagaan yang pernah dijalankan audit luar bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan telah dijalankan terhadap 1,873 fail individu (24.1%) daripada 7,763 individu berpendapatan perniagaan yang selesai diperiksa oleh Pegawai Audit Luar di 17 Cawangan LHDNM iaitu di Alor Setar, Ipoh, Johor Bahru, Kangar, Kota Bharu, Kota Kinabalu, Kuala Lumpur Bandar, Kuala Terengganu, Kuching, Labuan, Melaka, Pulau Pinang, Seremban, Shah Alam, Taiping, Teluk Intan dan Temerloh.

9.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Semakan Audit telah dibuat terhadap rekod dan dokumen berkaitan taksiran dan pungutan. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai LHDNM yang berkenaan juga telah diadakan bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

9.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September 2011 hingga Januari 2012 mendapati pencapaian KPI Cawangan adalah baik memandangkan 12 (70.6%) daripada 17 Cawangan telah dapat mencapai/melebihi sasaran fail yang ditetapkan. Pencapaian KPI Pegawai Audit Luar pula masih perlu dipertingkatkan memandangkan satu Cawangan sahaja yang dapat mencapai KPI fail untuk kesemua Pegawai Audit Luar bagi tahun 2010 dan 2011. Manakala 5 Cawangan lain hanya dapat mencapai sasaran KPI fail untuk kesemua Pegawai Audit Luar bagi tahun 2010 atau 2011. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti audit cukai seperti berikut:

i. daripada 17,085 individu yang dijalankan audit luar, sebanyak 1,244 individu (7.3%) telah ditutup tanpa penemuan audit kerana tiada bukti berlakunya pengelakan cukai sungguhpun ia dianggap berisiko semasa di peringkat pemilihan kes;
ii. daripada 1,873 fail individu yang disemak di 17 Cawangan LHDNM, sebanyak 1,073 fail individu (57.3%) melibatkan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM33.24 juta lewat diselesaikan antara 6 hingga 941 hari;
iii. taksiran tambahan audit luar dan taksiran anggaran berjumlah RM1.21 juta tidak dikeluarkan kepada 36 pembayar cukai; dan
iv. kenaikan cukai tidak dikenakan terhadap tunggakan cukai dan kegagalan mematuhi skim bayaran cukai secara ansuran yang mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan.

Faktor utama yang menyebabkan keadaan sedemikian adalah kelemahan LHDNM dalam perancangan dan pelaksanaan penguatkuasaan perundangan dan peraturan. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta maklum balas LHDNM adalah seperti di perenggan berikut:

9.5.1. Prestasi Aktiviti Audit Luar

9.5.1.1. Prestasi Keseluruhan Kutipan Cukai Tambahan Dan Penalti

Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, LHDNM melalui 35 cawangannya di seluruh Malaysia telah menyelesaikan pemeriksaan audit luar terhadap 17,085 individu berpendapatan perniagaan yang melibatkan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM431.71 juta. Butirannya adalah seperti di **Jadual 9.1**. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi tempoh yang sama, sebanyak 1,244 individu (7.3%) daripada 17,085 individu yang dijalankan audit luar di seluruh Malaysia telah diselesaikan tanpa penemuan audit. Antara faktor yang menyebabkan kes ditutup tanpa penemuan Audit ialah pemilihan kes untuk audit luar berdasarkan kod perniagaan yang tidak tepat diisi oleh pembayar cukai dan tiada bukti berlakunya pengelakan cukai. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 9.2**.

JADUAL 9.1
CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI YANG DIKENAKAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	AUDIT LUAR	
	BIL. INDIVIDU	CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI YANG DIKENAKAN (RM Juta)
2009	6,065	145.15
2010	6,087	167.52
2011	4,933	119.04
JUMLAH	**17,085**	**431.71**

Sumber: ***Statistik Daripada Jabatan Pematuhan Cukai LHDNM***

JADUAL 9.2
BILANGAN INDIVIDU DISELESAIKAN AUDIT LUAR
TANPA PENEMUAN AUDIT BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	BILANGAN INDIVIDU BERPENDAPATAN PERNIAGAAN SELESAI DIAUDIT (a)	DITUTUP TANPA PENEMUAN AUDIT	
		BIL. INDIVIDU (b)	(%) [c = b / a x 100]
2009	6,065	356	5.9
2010	6,087	391	6.4
2011	4,933	497	10.1
JUMLAH	**17,085**	**1,244**	**7.3**

Sumber: ***Statistik Daripada Jabatan Pematuhan Cukai LHDNM***

Pada pendapat Audit, penyelesaian kes audit luar yang ditutup tanpa penemuan audit semakin meningkat setiap tahun. Ini bermakna pemilihan kes audit luar yang dijalankan oleh Jabatan Pematuhan Cukai LHDNM di Ibu Pejabat melalui *Tax Audit and Compliance Systems* (TACS) berasaskan analisis terhadap kes-kes yang berisiko adalah kurang berkesan. Sehubungan itu, LHDNM perlu mengkaji semula kaedah pemilihan kes berdasarkan maklumat pembayar cukai yang tepat.

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Kod perniagaan yang tidak tepat diberi oleh pembayar cukai dan peningkatan pematuhan oleh pembayar cukai telah menyumbang kepada penyelesaian kes tanpa penemuan audit. Pemilihan kes melalui Tax Audit and Compliance Systems (TACS) adalah berdasarkan data kewangan yang diberi oleh pembayar cukai dalam Borang B. Bagaimanapun, LHDNM bercadang untuk menggunakan template kewangan yang mengandungi maklumat kewangan yang lebih terperinci berbanding Borang B sedia ada.

9.5.1.2. Prestasi Pencapaian KPI

a. Pencapaian KPI Cawangan

i. LHDNM menetapkan sasaran KPI fail individu yang perlu dicapai oleh cawangan mengikut bilangan Pegawai Audit Luar yang diisi dan tumpuan masa pegawai tersebut kepada aktiviti audit luar serta norma kerja setahun. Analisis terhadap prestasi 17 Cawangan LHDNM adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.3
PENCAPAIAN KPI CAWANGAN DARI ASPEK BILANGAN FAIL INDIVIDU YANG PERLU DIAUDIT BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

CAWANGAN	TAHUN	SASARAN BIL. FAIL (a)	PENCAPAIAN BIL. FAIL (b)	LEBIHAN/(KURANGAN) PENCAPAIAN	
				BIL. FAIL (c = b - a)	% [d = c / a x 100]
Alor Setar	2009	62	110	48	77.4
	2010	103	117	14	13.6
	2011	76	83	7	9.2
Kangar	2009	44	82	38	86.4
	2010	31	53	22	71.0
	2011	21	41	20	95.2
Johor Bahru	2009	284	311	27	9.5
	2010	245	398	153	62.4
	2011	293	350	57	19.5
Pulau Pinang	2009	186	323	137	73.7
	2010	166	279	113	68.1
	2011	161	214	53	32.9
Ipoh	2009	276	402	126	45.7
	2010	208	337	129	62.0
	2011	208	264	56	26.9
Taiping	2009	109	93	(16)	(14.7)
	2010	102	143	41	40.2
	2011	106	142	36	34.0
Teluk Intan	2009	81	93	12	14.8
	2010	75	91	16	21.3
	2011	102	117	15	14.7
Temerloh	2009	38	57	19	50.0
	2010	42	46	4	9.5
	2011	28	31	3	10.7
Kota Bharu	2009	54	57	3	5.6
	2010	63	75	12	19.0
	2011	65	72	7	10.8
Kuala Terengganu	2009	59	69	10	16.9
	2010	53	74	21	39.6
	2011	62	83	21	33.9
Kota Kinabalu	2009	193	173	(20)	(10.4)
	2010	168	178	10	6.0
	2011	165	199	34	20.6
Labuan	2009	21	16	(5)	(23.8)
	2010	12	13	1	8.3
	2011	12	13	1	8.3
Kuching	2009	208	114	(94)	(45.2)
	2010	184	240	56	30.4
	2011	173	200	27	15.6
Shah Alam	2009	114	69	(45)	(39.5)
	2010	139	131	(8)	(5.8)
	2011	164	198	34	20.7
Melaka	2009	115	141	26	22.6
	2010	107	124	17	15.9
	2011	108	125	17	15.7
Seremban	2009	155	178	23	14.8
	2010	155	208	53	34.2
	2011	120	153	33	27.5
Kuala Lumpur Bandar	2009	225	240	15	6.7
	2010	215	237	22	10.2
	2011	193	206	13	6.7

Sumber: ***Statistik Daripada Laporan Tahunan Pencapaian Prestasi KPI Audit Luar Individu (OG/D) Di Knowledge Base System (KBase)***

ii. Butiran pencapaian 17 cawangan terlibat mendapati 12 cawangan iaitu di Alor Setar, Kangar, Johor Bahru, Pulau Pinang, Ipoh, Teluk Intan, Temerloh, Kota Bharu, Kuala Terengganu, Melaka, Seremban dan Kuala Lumpur Bandar telah melebihi sasaran KPI fail antara 5.6% hingga 95.2%. Manakala 5 cawangan iaitu

di Taiping, Kota Kinabalu, Labuan, Kuching dan Shah Alam telah melebihi sasaran KPI fail bagi tahun tertentu antara 6.0% hingga 40.2%, tetapi tidak mencapai sasaran KPI fail bagi tahun tertentu iaitu kurangan fail antara 5.8% hingga 45.2%.

b. Pencapaian KPI Pegawai Audit Luar

i. LHDNM menetapkan sasaran tahunan KPI fail individu berpendapatan perniagaan yang perlu diselesaikan oleh setiap Pegawai Audit Luar bagi tahun 2010 dan 2011 adalah masing-masing 13 fail dan 17 fail. Bagaimanapun, sasaran tahunan KPI tersebut hendaklah diselaraskan berasaskan kepada peratus tumpuan masa tugas utama Pegawai Audit Luar. Analisis terhadap pencapaian Pegawai Audit Luar bagi tahun 2009 tidak dapat dibuat kerana LHDNM tidak mengemukakan maklumat sasaran KPI fail individu. Pencapaian Pegawai Audit Luar di 17 Cawangan LHDNM bagi tahun 2010 dan 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.4
PENCAPAIAN KPI FAIL PEGAWAI AUDIT LUAR BAGI TAHUN 2010 DAN 2011

CAWANGAN	TAHUN	*BIL. PEGAWAI AUDIT LUAR (a)	**PENCAPAIAN KPI FAIL INDIVIDU					
			TERCAPAI			TIDAK TERCAPAI		
			SAMA/ LEBIH FAIL	BIL. PEGAWAI (b)	(%) [c = b / a x 100]	KURANG FAIL	BIL. PEGAWAI (d)	(%) [e = d / a x 100]
Alor Setar	2010	14	0 - 4	10	71.4	1 - 4	4	28.6
	2011	13	0 - 6	10	76.9	1 - 2	3	23.1
Kangar	2010	4	1 - 8	4	100.0	-	-	-
	2011	6	2 - 6	6	100.0	-	-	-
Johor Bahru	2010	31	0 - 13	30	96.8	1	1	3.2
	2011	33	0 - 5	30	90.9	1 - 3	3	9.1
Pulau Pinang	2010	24	0 - 10	22	91.7	1 - 3	2	8.3
	2011	20	2 - 9	18	90.0	1 - 7	2	10.0
Ipoh	2010	24	0 - 16	23	95.8	4	1	4.2
	2011	22	1 - 6	20	90.9	1	2	9.1
Taiping	2010	15	0 - 11	13	86.7	1	2	13.3
	2011	11	0 - 7	11	100.0	-	-	-
Teluk Intan	2010	12	0 - 4	10	83.3	1	2	16.7
	2011	13	0 - 6	11	84.6	1	2	15.4
Temerloh	2010	5	0 - 2	5	100.0	-	-	-
	2011	6	1 - 3	4	66.7	1 - 2	2	33.3
Kota Bharu	2010	8	1 - 3	8	100.0	-	-	-
	2011	9	0 - 4	8	88.9	5	1	11.1
Kuala Terengganu	2010	6	1 - 6	6	100.0	-	-	-
	2011	7	0 - 5	6	85.7	1	1	14.3
Kota Kinabalu	2010	18	0 - 4	13	72.2	1 - 8	5	27.8
	2011	18	0 - 5	15	83.3	2 - 6	3	16.7
Labuan	2010	2	1	1	50.0	3	1	50.0
	2011	2	0 - 1	2	100.0	-	-	-
Kuching	2010	22	0 - 6	19	86.4	1	3	13.6
	2011	30	0 - 4	19	63.3	1 - 4	11	36.7
Shah Alam	2010	18	0 - 5	8	44.4	1 - 9	10	55.6
	2011	19	0 - 9	17	89.5	1 - 2	2	10.5
Melaka	2010	16	0 - 4	14	87.5	2 - 3	2	12.5
	2011	12	0 - 4	11	91.7	5	1	8.3
Seremban	2010	17	0 - 10	15	88.2	1 - 2	2	11.8
	2011	19	0 - 7	17	89.5	1 - 3	2	10.5
Kuala Lumpur Bandar	2010	28	0 - 4	18	64.3	1 - 4	10	35.7
	2011	23	0 - 3	17	73.9	1 - 4	6	26.1

Nota: ***(*) - Tidak Termasuk Pegawai Audit Luar Yang Tiada Maklumat Sasaran Fail Individu***
(**) - Statistik daripada Jabatan Pematuhan Cukai LHDNM

ii. Analisis Audit terhadap prestasi Pegawai Audit Luar mendapati perkara seperti berikut:

- Kesemua Pegawai Audit Luar di satu cawangan iaitu Kangar (5.9% daripada 17 Cawangan LHDNM) menunjukkan prestasi cemerlang kerana melebihi sasaran KPI fail bagi kedua-dua tahun iaitu 2010 dan 2011.
- Kesemua Pegawai Audit Luar di 5 cawangan lain iaitu Taiping, Temerloh, Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Labuan (29.4% daripada 17 Cawangan LHDNM) mencapai/melebihi sasaran KPI fail bagi tahun tertentu.
- Sebahagian Pegawai Audit Luar di 11 cawangan lain (64.7% daripada 17 Cawangan LHDNM) tidak mencapai sasaran KPI fail bagi kedua-dua tahun iaitu 2010 dan 2011. Cawangan LHDNM yang terlibat ialah Alor Setar, Johor Bahru, Pulau Pinang, Ipoh, Teluk Intan, Kota Kinabalu, Kuching, Shah Alam, Melaka, Seremban dan Kuala Lumpur Bandar. Peratusan KPI fail yang tidak tercapai adalah antara 3.2% hingga 55.6%.

iii. Antara sebab KPI fail tidak dapat dicapai oleh Pegawai Audit Luar adalah kerana pegawai baru kurang berpengalaman.

Pada Pendapat Audit, LHDNM perlu mengkaji sebab berlakunya perbezaan prestasi cawangan yang ketara dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mempertingkatkan prestasi cawangan dan pegawai tertentu dari segi bilangan fail yang diselesaikan.

9.5.2. Guna Tenaga Dan Liputan Pembayar Cukai

9.5.2.1. Pengagihan Pegawai Untuk Aktiviti Audit Cukai

a. Semakan Audit mendapati LHDNM tidak menentukan bilangan jawatan Pegawai Audit Luar yang diperlukan secara khusus untuk mengaudit cukai pendapatan individu berpendapatan perniagaan. Bagaimanapun, terdapat jawatan bagi aktiviti audit cukai secara am yang meliputi audit luar, audit meja dan audit majikan (pengauditan yang dijalankan di premis majikan untuk mengesahkan ketepatan potongan cukai berjadual yang dibuat oleh majikan terhadap pendapatan pekerjanya). Pengagihan bilangan jawatan untuk menjalankan audit luar, audit meja dan audit majikan dilakukan oleh Pengarah Cawangan LHDNM mengikut keperluan semasa dan berdasarkan kebolehan serta pengalaman pegawai. Berdasarkan analisis Audit, pada umumnya pengagihan bilangan Pegawai Audit Luar adalah lebih tinggi berbanding bilangan Pegawai Audit Meja di 13 Cawangan LHDNM. Bagaimanapun, bilangan Pegawai Audit Luar di Cawangan Kuala Terengganu dan Temerloh adalah lebih rendah iaitu kurang 4 pegawai berbanding bilangan Pegawai Audit Meja. Manakala bilangan Pegawai Audit Luar dan bilangan Pegawai Audit Meja adalah sama di Cawangan Kota Kinabalu dan Labuan.

b. Mengikut norma kerja audit luar bagi tahun 2011, setiap Pegawai Audit Luar yang dapat memberi tumpuan sepenuh masa (untuk menjalankan audit luar) perlu menyelesaikan pengauditan terhadap 17 individu. Manakala mengikut norma kerja audit meja bagi tahun 2011, setiap Pegawai Audit Meja yang dapat memberi tumpuan sepenuh masa (untuk menjalankan audit meja) perlu menyelesaikan pengauditan terhadap 1,600 individu. Bagaimanapun, tumpuan masa Pegawai Audit Luar dan Pegawai Audit Meja terhadap tugas utama adalah tidak optimum. Ini adalah disebabkan mereka juga terlibat dalam aktiviti lain seperti menjadi petugas semasa Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai, berkursus, lawatan Audit Luar bagi kes yang dikendalikan oleh Pegawai Audit Luar yang lain, Pegawai Audit Luar dan

Pegawai Audit Meja yang baru masing-masing perlu diberi latihan praktikal selama 60 hari bekerja dan 20 hari bekerja. Butiran tumpuan masa Pegawai Audit Luar dan Pegawai Audit Meja di 17 Cawangan LHDNM adalah seperti di **Jadual 9.5** dan **9.6**.

JADUAL 9.5
TUMPUAN MASA PEGAWAI AUDIT LUAR DAN PERATUS FAIL SELESAI DIAUDIT PADA TAHUN 2011

CAWANGAN	*BIL. PEGAWAI AUDIT LUAR (a)	*BIL. INDIVIDU AKTIF (b)	TUMPUAN MASA SEBENAR			TUMPUAN MASA SEPENUH	
			*PERATUS TUMPUAN MASA (c) (%)	*BIL. FAIL SELESAI DIAUDIT (d)	*PERATUS FAIL SELESAI DIAUDIT BERBANDING FAIL INDIVIDU AKTIF [e = d / b x 100] (%)	BIL. FAIL DAPAT DIAUDIT (f = a x 17)	PERATUS FAIL MAMPU DIAUDIT BERBANDING FAIL INDIVIDU AKTIF [g = f / b x 100] (%)
Alor Setar	14	46,653	31.8	83	0.2	238	0.5
Kangar	6	11,346	20.6	41	0.4	102	0.9
Johor Bahru	35	160,692	49.3	350	0.2	595	0.4
Pulau Pinang	20	78,908	47.4	214	0.3	340	0.4
Ipoh	22	107,111	55.6	264	0.2	374	0.3
Taiping	11	52,509	56.5	142	0.3	187	0.4
Teluk Intan	13	48,196	46.2	117	0.2	221	0.5
Temerloh	6	32,158	27.5	31	0.1	102	0.3
Kota Bharu	9	39,444	42.2	72	0.2	153	0.4
Kuala Terengganu	7	41,098	51.9	83	0.2	119	0.3
Kota Kinabalu	17	55,069	57.1	199	0.4	289	0.5
Labuan	2	3,578	35.4	13	0.4	34	1.0
Kuching	28	72,616	36.4	200	0.3	476	0.7
Shah Alam	19	38,241	50.6	198	0.5	323	0.8
Melaka	13	53,440	49.0	125	0.2	221	0.4
Seremban	19	79,582	37.0	153	0.2	323	0.4
Kuala Lumpur Bandar	24	67,139	47.3	206	0.3	408	0.6
JUMLAH	**265**	**987,780**	**20.6 - 57.1**	**2,491**	**0.3**	**4,505**	**0.5**

Nota: ***(*) - Statistik Daripada Laporan Knowledge Base System (KBase)***

c. Jadual di atas menunjukkan peratus tumpuan masa Pegawai Audit Luar terhadap tugas utama pada tahun 2011 adalah antara 20.6% hingga 57.1%. Keadaan ini mengakibatkan peratus purata fail selesai dijalankan audit luar pada tahun 2011 berbanding fail individu aktif hanya 0.3% sahaja. Bagaimanapun, jika Pegawai Audit Luar dapat memberi tumpuan masa sepenuhnya terhadap tugas utama, maka peratus purata fail yang mampu dijalankan audit luar pada tahun 2011 berbanding fail individu aktif akan meningkat daripada 0.3% kepada 0.5%.

JADUAL 9.6
TUMPUAN MASA PEGAWAI AUDIT MEJA DAN PERATUS FAIL SELESAI DIAUDIT PADA TAHUN 2011

CAWANGAN	*BIL. PEGAWAI AUDIT MEJA (a)	*BIL. INDIVIDU AKTIF (b)	TUMPUAN MASA SEBENAR			TUMPUAN MASA SEPENUH	
			*PERATUS TUMPUAN MASA (c) (%)	*BIL. FAIL SELESAI DIAUDIT (d)	*PERATUS FAIL SELESAI DIAUDIT BERBANDING FAIL INDIVIDU AKTIF [e = d / b x 100] (%)	BIL. FAIL DAPAT DIAUDIT (f = a x 1600)	PERATUS FAIL MAMPU DIAUDIT BERBANDING FAIL INDIVIDU AKTIF [g = f / b x 100] (%)
Alor Setar	9	46,653	38.2	6,480	13.9	14,400	30.9
Kangar	5	11,346	25.8	2,742	24.2	8,000	70.5
Johor Bahru	18	160,692	56.4	25,949	16.2	28,800	17.9
Pulau Pinang	13	78,908	48.0	11,818	15.0	20,800	26.4

CAWANGAN	*BIL. PEGAWAI AUDIT MEJA (a)	*BIL. INDIVIDU AKTIF (b)	TUMPUAN MASA SEBENAR			TUMPUAN MASA SEPENUH	
			*PERATUS TUMPUAN MASA (c) (%)	*BIL. FAIL SELESAI DIAUDIT (d)	*PERATUS FAIL SELESAI DIAUDIT BERBANDING FAIL INDIVIDU AKTIF [e = d / b x 100] (%)	BIL. FAIL DAPAT DIAUDIT (f = a x 1600)	PERATUS FAIL MAMPU DIAUDIT BERBANDING FAIL INDIVIDU AKTIF [g = f / b x 100] (%)
Ipoh	18	107,111	50.0	20,977	19.6	28,800	26.9
Taiping	8	52,509	51.9	9,785	18.6	12,800	24.4
Teluk Intan	11	48,196	43.7	9,188	19.1	17,600	36.5
Temerloh	10	32,158	30.1	5,155	16.0	16,000	49.8
Kota Bharu	7	39,444	48.4	7,475	19.0	11,200	28.4
Kuala Terengganu	11	41,098	32.1	7,186	17.5	17,600	42.8
Kota Kinabalu	17	55,069	44.1	12,851	23.3	27,200	49.4
Labuan	2	3,578	39.3	1,353	37.8	3,200	89.4
Kuching	19	72,616	39.0	13,504	18.6	30,400	41.9
Shah Alam	15	38,241	49.0	12,190	31.9	24,000	62.8
Melaka	11	53,440	52.4	10,495	19.6	17,600	32.9
Seremban	15	79,582	54.4	14,684	18.5	24,000	30.2
Kuala Lumpur Bandar	14	67,139	53.3	14,850	22.1	22,400	33.4
JUMLAH	**203**	**987,780**	**25.8 - 56.4**	**186,682**	**18.9**	**324,800**	**32.9**

Nota: ***(*) - Statistik Daripada Laporan Knowledge Base System (KBase)***

d. Jadual di atas menunjukkan peratus tumpuan masa Pegawai Audit Meja terhadap tugas utama pada tahun 2011 adalah antara 25.8% hingga 56.4%. Keadaan ini mengakibatkan peratus purata fail selesai dijalankan audit meja pada tahun 2011 berbanding fail individu aktif hanya 18.9%. Bagaimanapun, jika Pegawai Audit Meja dapat memberi tumpuan masa yang sepenuh, maka peratus purata fail yang mampu dijalankan audit meja pada tahun 2011 berbanding fail individu aktif akan meningkat daripada 18.9% kepada 32.9%.

9.5.2.2. Liputan Pembayar Cukai

LHDNM tidak menetapkan peratus individu berpendapatan perniagaan yang perlu dijalankan audit luar sebagai sasaran kerja tahunan. Bagaimanapun, setiap Pegawai Audit Luar dan Pegawai Audit Meja mempunyai KPI bilangan individu perlu diaudit berasaskan tumpuan masa pegawai terhadap tugas audit cukai serta norma kerja setahun. Selain itu, pengauditan cukai oleh LHDNM melalui audit luar atau audit meja mempunyai kekangan had masa 6 tahun di bawah subseksyen 91(1) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 untuk membangkitkan taksiran tambahan. Analisis Audit mendapati peratus purata individu berpendapatan perniagaan dijalankan audit luar dan audit meja pada tahun 2011 masing-masing adalah 0.3% dan 18.9%. Ini bermakna LHDNM memerlukan tempoh masa purata melebihi 5 tahun untuk mengaudit semua pembayar cukai. Bagaimanapun, terdapat 4 Cawangan LHDNM iaitu di Alor Setar, Johor Bahru, Pulau Pinang dan Temerloh memerlukan tempoh masa antara 6 dan 7 tahun untuk mengaudit semua pembayar cukai, iaitu melebihi had masa 6 tahun dalam membangkitkan taksiran tambahan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.7
TEMPOH MASA DIPERLUKAN UNTUK MENGAUDIT SEMUA INDIVIDU AKTIF BERPANDUKAN JUMLAH FAIL SELESAI AUDIT LUAR DAN AUDIT MEJA PADA TAHUN 2011

CAWANGAN	BIL. INDIVIDU AKTIF (a)	AUDIT LUAR		AUDIT MEJA		TEMPOH MASA MENGAUDIT SEMUA FAIL AKTIF [f = a / (b + d)] (Tahun)
		BIL. FAIL SELESAI (b)	PERATUS FAIL SELESAI BERBANDING FAIL INDIVIDU AKTIF [c = b / a x 100] (%)	BIL. FAIL SELESAI (d)	PERATUS FAIL SELESAI BERBANDING FAIL INDIVIDU AKTIF [e = d / a x 100] (%)	
Alor Setar	46,653	83	0.2	6,480	13.9	7.11
Kangar	11,346	41	0.4	2,742	24.2	4.08
Johor Bahru	160,692	350	0.2	25,949	16.1	6.11
Pulau Pinang	78,908	214	0.3	11,818	15.0	6.56
Ipoh	107,111	264	0.3	20,977	19.6	5.04
Taiping	52,509	142	0.2	9,785	18.6	5.29
Teluk Intan	48,196	117	0.2	9,188	19.1	5.18
Temerloh	32,158	31	0.1	5,155	16.0	6.20
Kota Bharu	39,444	72	0.2	7,475	19.0	5.23
Kuala Terengganu	41,098	83	0.2	7,186	17.5	5.65
Kota Kinabalu	55,069	199	0.4	12,851	23.3	4.22
Labuan	3,578	13	0.4	1,353	37.8	2.62
Kuching	72,616	200	0.3	13,504	18.6	5.30
Shah Alam	38,241	198	0.5	12,190	31.9	3.09
Melaka	53,440	125	0.2	10,495	19.6	5.03
Seremban	79,582	153	0.2	14,684	18.5	5.36
Kuala Lumpur Bandar	67,139	206	0.3	14,850	22.1	4.46
JUMLAH	**987,780**	**2,491**	**0.3**	**186,682**	**18.9**	**5.22**

Sumber: ***Statistik Daripada Laporan Knowledge Base System (KBase)***

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Mulai tahun 2012, Jabatan Pematuhan Cukai (JPC) telah menetapkan jumlah pegawai di Unit Audit Luar, Unit Audit Meja dan Unit Audit Majikan berdasarkan jumlah fail pembayar cukai yang aktif di sesuatu Cawangan LHDNM. Dari segi audit cukai, tidak semua pembayar cukai akan diaudit sekiranya mereka tidak tergolong dalam kategori berisiko. Bagaimanapun, kes-kes yang tidak berisiko akan juga dipilih untuk diaudit sekiranya Cawangan LHDNM telah menyelesaikan kes berisiko yang telah dipilih. JPC mengunjurkan liputan aktiviti audit luar terhadap individu berpendapatan perniagaan akan meningkat dari 0.3% pada tahun 2011 kepada 2.0% pada tahun 2015.

Pada pendapat Audit, purata 0.3% individu berpendapatan perniagaan dijalankan audit luar dalam tempoh setahun adalah terlalu rendah memandangkan bilangan pembayar cukai semakin bertambah dari setahun ke setahun. LHDNM hendaklah mengkaji piawaian negara serantau mengenai peratus individu berpendapatan perniagaan yang perlu dijalankan audit luar dan menetapkan peratus yang sewajarnya sebagai sasaran kerja tahunan. Sehubungan itu, LHDNM perlu menentukan bilangan jawatan Pegawai Audit Luar yang diperlukan selaras dengan sasaran peningkatan liputan aktiviti audit luar memandangkan kekurangan pegawai dan tumpuan masa yang tidak optimum boleh menjejaskan bilangan fail individu yang dapat diselesaikan dan cukai tambahan serta penalti yang dapat dibangkitkan. Usaha ini adalah perlu untuk memastikan setiap individu yang berisiko dijalankan audit luar dari semasa ke semasa kerana LHDNM menghadapi kekangan had masa 6 tahun di bawah subseksyen 91(1) ACP 1967 untuk mengeluarkan taksiran tambahan bagi cukai kurang ditaksir.

9.5.3. Pengurusan Aktiviti Audit Cukai

9.5.3.1. Kelewatan Menyelesaikan Fail Individu

a. Rangka Kerja Audit Cukai yang dikeluarkan oleh LHDNM yang berkuat kuasa mulai bulan Januari 2009 menetapkan setiap kes audit luar perlu diselesaikan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh lawatan audit. Daripada 1,873 fail individu yang disemak di 17 Cawangan LHDNM, didapati 1,073 fail individu (57.3%) melibatkan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM33.24 juta telah lewat diselesaikan antara 6 hingga 941 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.8
KELEWATAN PENYELESAIAN FAIL AUDIT LUAR
TERHADAP INDIVIDU BERPENDAPATAN PERNIAGAAN

CAWANGAN	6 HARI HINGGA 6 BULAN (a)		> 6 BULAN HINGGA 1 TAHUN (b)		> 1 TAHUN HINGGA 2 TAHUN (c)		> 2 TAHUN (d)		JUMLAH KELEWATAN [e = a + b + c + d]	
	BIL. FAIL	AMAUN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM Juta)	BIL. FAIL	AMAUN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM Juta)	BIL. FAIL	AMAUN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM Juta)	BIL. FAIL	AMAUN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM Juta)	BIL. FAIL	AMAUN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI & TEMPOH KELEWATAN (RM Juta)
Alor Setar	42	0.60	16	0.55	5	0.20	2	0.62	65	1.97 (6 - 832 hari)
Kangar	13	0.26	6	0.33	4	0.21	-	-	23	0.80 (20 - 370 hari)
Johor Bahru	68	0.92	15	0.48	1	0.02	-	-	84	1.42 (6 - 497 hari)
Pulau Pinang	71	1.31	19	0.70	4	0.42	-	-	94	2.43 (9 - 596 hari)
Ipoh	40	1.57	36	0.53	11	0.28	-	-	87	2.38 (7 - 640 hari)
Taiping	25	0.66	25	0.57	10	0.36	-	-	60	1.59 (7 - 623 hari)
Teluk Intan	46	1.80	12	0.89	5	0.04	2	0.02	65	2.75 (7 - 941 hari)
Temerloh	22	1.65	8	0.39	9	1.51	1	0.03	40	3.58 (18 - 757 hari)
Kota Bharu	13	0.55	16	0.85	3	0.10	-	-	32	1.50 (32 - 544 hari)
Kuala Terengganu	23	0.88	14	0.75	1	0.03	-	-	38	1.66 (33 - 669 hari)
Kota Kinabalu	79	2.02	13	0.29	1	0.05	-	-	93	2.36 (6 - 368 hari)
Labuan	10	0.06	12	0.14	3	0.01	-	-	25	0.21 (21 - 541 hari)
Kuching	5	0.40	1	0.31	-	-	-	-	6	0.71 (43 - 221 hari)
Shah Alam	49	3.71	8	0.33	-	-	-	-	57	4.04 (7 - 291 hari)
Melaka	32	0.62	1	0.01	1	0.01	-	-	34	0.64 (6 - 369 hari)
Seremban	51	1.35	5	0.08	3	0.05	-	-	59	1.48 (8 - 657 hari)
Kuala Lumpur Bandar	162	2.61	36	0.70	13	0.41	-	-	211	3.72 (8 - 613 hari)
JUMLAH	**751**	**20.97**	**243**	**7.90**	**74**	**3.70**	**5**	**0.67**	**1,073**	**33.24 (6 - 941 hari)**

b. Antara sebab kelewatan penyelesaian fail tersebut ialah individu berpendapatan perniagaan tidak mempunyai rekod perniagaan atau rekod perniagaan tidak lengkap; pembayar cukai kurang memberi kerjasama atau lewat mengemukakan dokumen; kes rumit; kes melibatkan isu teknikal; mengambil alih kes dari Pegawai Audit Luar yang bertukar serta Pegawai Audit Luar yang baru kurang berpengalaman. Kesan daripada kelewatan penyelesaian fail tersebut menyebabkan LHDNM lewat mengeluarkan notis taksiran tambahan dan berlaku kelewatan mengutip cukai yang sepatutnya diterima lebih awal.

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Bagi menangani masalah kelewatan penyelesaian kes, antara langkah yang diambil adalah tindakan pemantauan terhadap setiap kes belum selesai secara bulanan dan perbincangan dengan Pegawai Audit Luar dan pembayar cukai secara berterusan sehingga kes selesai. Selain itu, Jabatan Pematuhan Cukai LHDNM di Ibu Pejabat juga menjalankan lawatan pemantauan melalui penyemakan serta memberi teguran dan bantuan teknikal bagi menyelesaikan kes dalam tempoh yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap kemajuan kerja bagi setiap fail individu berpendapatan perniagaan perlu dipertingkatkan untuk memastikan ianya diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

9.5.3.2. Ketidakjelasan Kod Perniagaan

a. Kod Perniagaan Baru Kurang Terperinci

Mengikut kod perniagaan baru (MISC 2008) yang dipaparkan di laman-web LHDNM, aktiviti amalan perubatan dan pergigian terbahagi kepada 3 kod seperti berikut:

86201 - Perkhidmatan Perubatan Am
86202 - Perkhidmatan Perubatan Khas
86203 - Perkhidmatan Berkaitan Gigi

Pihak Audit mendapati penggunaan kod 86203 (perkhidmatan berkaitan gigi) adalah tidak jelas dan kurang terperinci kerana margin keuntungan bagi perkhidmatan *ortodontik* jauh lebih tinggi berbanding perkhidmatan pergigian biasa. Sebagai contoh, perkhidmatan pergigian biasanya terdiri daripada 2 jenis iaitu perkhidmatan cabut gigi, tampal gigi, cuci gigi dan gigi palsu serta perkhidmatan *ortodontik* iaitu mencantikkan kedudukan gigi. Pakej perkhidmatan *ortodontik* biasanya mengambil masa 18 bulan dan kos boleh mencecah sehingga RM5,400 dan ke atas. Kebiasaannya bayaran bagi pakej ini dibuat secara ansuran. Perkhidmatan *ortodontik* bagi setiap kali hanya memerlukan masa yang singkat, biasanya kurang dari 10 minit dan pelanggan perlu membayar sehingga RM300. Bagi doktor *ortodontik* yang ternama dan mempunyai ramai pelanggan, mampu memberi perkhidmatan kepada 50 pelanggan dalam sehari. Ini bermakna, perolehan sehari perkhidmatan *ortodontik* kadangkala boleh mencecah sehingga RM15,000 (RM300 x 50 pelanggan).

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Kod perniagaan LHDNM berasaskan kod perniagaan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (MSIC 2008).

Pada pendapat Audit, kod perniagaan perlu lengkap dan mengambil kira semua jenis perniagaan/perkhidmatan. Sehubungan itu, LHDNM dari semasa ke semasa perlu mencadangkan kepada Jabatan Perangkaan Malaysia mengenai jenis perniagaan/perkhidmatan yang wajar diberi kod perniagaan secara spesifik atas alasan antaranya margin keuntungan yang berbeza dengan ketara.

b. Pembayar Cukai Tidak Mengisi Kod Perniagaan/Mengisi Kod Perniagaan Yang Tidak Tepat

Mengikut Manual Prosedur Kerja Audit Luar-Bahagian C: Contoh Surat dan Borang - Lampiran 4, surat pemberitahu kod perniagaan yang betul perlu dikeluarkan kepada pembayar cukai yang mengisi Borang B dengan kod perniagaan yang tidak tepat. Semakan Audit di 5 cawangan mendapati 19 pembayar cukai melibatkan 42 kes telah mengisi Borang B dengan kod perniagaan yang tidak tepat. Bagaimanapun, Pegawai Audit Luar yang telah membuat pembetulan kod perniagaan di modul taksiran/Laporan Penyelesaian Audit didapati tidak memaklumkannya kepada pembayar cukai terbabit. Ini bermakna matlamat mendidik pembayar cukai menggunakan kod perniagaan yang betul tidak tercapai. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.9
PEMBETULAN KOD PERNIAGAAN DI MODUL TAKSIRAN/LAPORAN PENYELESAIAN AUDIT TANPA DIMAKLUMKAN KEPADA PEMBAYAR CUKAI

CAWANGAN	BIL. INDIVIDU	BIL. TAHUN TAKSIRAN (Kes)
Johor Bahru	3	7
Temerloh	9	20
Shah Alam	1	1
Seremban	4	7
Kuala Lumpur Bandar	2	7
JUMLAH	**19**	**42**

Pada pendapat Audit, pemilihan kes berdasarkan kod perniagaan yang betul akan mendatangkan impak audit yang positif. Sehubungan ini, ACP 1967 perlu diperuntukkan seksyen untuk mengenakan penalti terhadap pembayar cukai yang tidak mengisi kod perniagaan/mengisi kod perniagaan yang tidak tepat.

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

LHDNM akan menghalusi cadangan agar ACP 1967 diperuntukkan satu seksyen terhadap pembayar cukai yang gagal mengisi kod perniagaan dengan tepat. LHDNM berpendapat pendidikan cukai berterusan kepada pembayar cukai dalam menggunakan kod perniagaan yang betul adalah penting. Bagaimanapun, lazimnya kod perniagaan yang hampir dengan sesuatu perniagaan itu akan digunakan jika tiada kod perniagaan yang benar-benar betul.

9.5.3.3. Prosedur Kerja Dan Peraturan Tidak Dipatuhi Sepenuhnya

Semakan Audit mendapati beberapa prosedur kerja dan peraturan yang ditetapkan tidak dipatuhi sepenuhnya oleh Pegawai Audit Luar di 17 Cawangan LHDNM yang diaudit. Butirannya adalah seperti berikut:

a. Senarai Semakan Audit (Audit Checklist) Tidak Diisi

Mengikut Manual Prosedur Kerja Audit Luar dan Memo Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai Bilangan LHDNM.01/36/223/5/7(41) bertarikh 19 Mei 2010, bagi individu yang mempunyai rekod perakaunan yang lengkap, Pegawai Audit Luar dikehendaki menggunakan senarai semakan audit sebagai *Standard Operating Procedure*. Senarai semakan audit ini dinyatakan dalam Manual Audit Percukaian di Bahagian E. Senarai semakan audit (audit checklist) tersebut adalah penting untuk

memastikan prosedur pengauditan bagi setiap isu audit yang diberi tumpuan telah dijalankan dengan teratur bagi tujuan menentukan sama ada amaun pendapatan yang betul telah dilaporkan. Pemeriksaan Audit di 12 Cawangan LHDNM mendapati senarai semakan audit tidak diisi bagi 493 individu melibatkan 1,074 kes di mana cukai tambahan dan penalti berjumlah RM15.58 juta telah dikenakan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan jumlah cukai tambahan dan penalti yang telah dikenakan. Senarai semakan audit yang tidak diisi mengikut cawangan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.10
SENARAI SEMAKAN AUDIT TIDAK DIISI BAGI
KES YANG MEMPUNYAI REKOD PERAKAUNAN YANG LENGKAP

CAWANGAN	BIL. INDIVIDU	BIL. KES	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM Juta)
Alor Setar	10	21	0.66
Johor Bahru	10	19	0.15
Pulau Pinang	87	133	1.55
Temerloh	4	11	0.09
Kota Bharu	23	67	0.93
Kuala Terengganu	20	52	0.62
Kota Kinabalu	145	297	2.01
Kuching	41	131	2.96
Shah Alam	65	141	3.80
Melaka	27	48	0.22
Seremban	21	46	0.99
Kuala Lumpur Bandar	40	108	1.60
JUMLAH	**493**	**1,074**	**15.58**

Pada pendapat Audit, senarai semakan audit mengikut Manual Audit Percukaian sebagai *Standard Operating Procedure* wajib diisi bagi kes yang mempunyai rekod perniagaan yang lengkap seperti yang disyaratkan dalam Manual Prosedur Kerja Audit Luar untuk memastikan semua tatacara pemeriksaan yang standard dan seragam bagi setiap isu berpotensi telah dilaksanakan oleh Pegawai Audit Luar.

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Pegawai Audit Luar LHDNM akan menggunakan senarai semakan audit bagi kes yang mempunyai rekod perniagaan yang lengkap. Manakala Ibu Pejabat LHDNM mencadangkan Pengarah Cawangan mengambil tindakan mengeluarkan surat peringatan kepada Pengurus Audit/Ketua Kumpulan/Pegawai Audit agar perkara ini tidak berulang lagi. Selain itu, Ibu Pejabat LHDNM akan mengeluarkan arahan/memo kepada Pengarah Negeri/Cawangan supaya memantau penggunaan senarai semakan audit bagi kes yang mempunyai rekod perniagaan yang lengkap.

b. Notis Peringatan Tidak Dikeluarkan Terhadap Kes Rekod Tidak Lengkap

Ketetapan Umum No. 5 Tahun 2000 (Dipinda) yang dikeluarkan oleh LHDNM menetapkan individu berpendapatan perniagaan wajib menyimpan rekod yang lengkap. Sekiranya LHDNM mendapati pembayar cukai gagal menyimpan rekod yang lengkap, notis peringatan menyimpan rekod dan buku akaun di bawah subseksyen 82(3) ACP 1967 perlu dikeluarkan kepada pembayar cukai. Mengikut

subseksyen 119A(a) ACP 1967, kegagalan pembayar cukai mematuhi subseksyen 82(3) ACP 1967 boleh menyebabkan mereka didakwa dan jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak kurang RM300 dan tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Semakan Audit di 15 Cawangan LHDNM mendapati notis tersebut tidak dikeluarkan kepada 338 individu berpendapatan perniagaan melibatkan 822 kes gagal menyimpan rekod dengan lengkap. Ini bermakna matlamat mendidik individu berpendapatan perniagaan menyimpan rekod dengan lengkap tidak tercapai. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.11
NOTIS PERINGATAN TIDAK DIKELUARKAN KEPADA PEMBAYAR CUKAI YANG GAGAL MENYIMPAN REKOD YANG LENGKAP

CAWANGAN	BIL. INDIVIDU	BIL. KES
Alor Setar	10	16
Johor Bahru	11	23
Pulau Pinang	16	23
Ipoh	4	8
Taiping	1	2
Temerloh	37	95
Kota Bharu	37	98
Kuala Terengganu	32	90
Kota Kinabalu	15	26
Labuan	4	4
Kuching	32	104
Shah Alam	2	2
Melaka	33	56
Seremban	27	50
Kuala Lumpur Bandar	77	225
JUMLAH	**338**	**822**

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Pegawai Audit Luar LHDNM terlepas pandang untuk mengeluarkan notis di bawah subseksyen 82(3) ACP 1967 kepada individu yang tidak menyimpan rekod dengan lengkap. Cawangan LHDNM bersetuju dengan kepentingan mengeluarkan notis tersebut kepada pembayar cukai dan telah berbuat demikian selepas teguran Audit. Selain itu, Jabatan Pematuhan Cukai LHDNM di Ibu Pejabat sedang menyediakan satu Kertas Konsep bagi tujuan penambahbaikan kes-kes berkaitan subseksyen 82(3) ACP 1967. Ia bertujuan mewujudkan satu prosedur bagi mengawal selia pembayar cukai yang didapati tidak menyimpan rekod transaksi perniagaan semasa kerja audit cukai dijalankan.

Pada pendapat Audit, LHDNM perlu menambah baik aplikasi *Case Management System* (CMS) bagi membolehkan notis peringatan di bawah subseksyen 82(3) ACP 1967 dijana terus daripada sistem. Ini bagi mengelakkan Pegawai Audit Luar terlupa/terlepas pandang mengeluarkan notis tersebut secara manual. Jika pembayar cukai melakukan kesalahan berulang, tindakan pendakwaan hendaklah diambil di bawah subseksyen 119A(a) ACP 1967.

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Syor Audit akan dikaji bagi tujuan penambahbaikan kes-kes berkaitan subseksyen 82(3) ACP 1967.

c. Notis Taksiran Cukai Tambahan Audit Luar Tidak Dikeluarkan

Semakan Audit mendapati Laporan Penyelesaian Kes yang diluluskan antara 7 Oktober 2009 hingga 14 April 2011 menunjukkan terdapat cukai tambahan audit luar dan penalti, namun Notis Taksiran Cukai Tambahan Audit Luar Dan Penalti berjumlah RM0.44 juta tidak dikeluarkan terhadap 6 individu melibatkan 11 kes di Cawangan Kuala Lumpur Bandar.

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Isu tersebut berlaku kerana terlepas pandang. Selepas teguran Audit, satu individu melibatkan 2 kes telah dikeluarkan Notis Taksiran Cukai Tambahan berjumlah RM27,002 pada 17 April 2012. Di samping itu, Notis Taksiran Cukai Tambahan berjumlah RM4,646 akan dibangkitkan terhadap 2 individu lain melibatkan 2 kes. Manakala kemudahan bayaran ansuran sedang dibincangkan bagi 2 individu lain melibatkan 4 kes tetapi Notis Taksiran Cukai Tambahan berjumlah RM332,036 belum dikeluarkan. Selain itu, Notis Taksiran Cukai Tambahan bagi satu individu lain melibatkan 3 kes berjumlah RM78,885 tidak boleh dibangkitkan kerana pembayar cukai telah meninggal dunia.

Pada pendapat Audit, Notis Taksiran Cukai Tambahan Audit Luar Dan Penalti perlu dikeluarkan segera bagi kes yang penyelesaiannya telah diluluskan oleh pegawai atasan untuk membolehkan cukai dipungut. Bagi pembayar cukai yang telah meninggal dunia, LHDNM mempunyai kuasa untuk membangkitkan taksiran tambahan dalam tempoh 3 tahun selepas Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri dimaklumkan oleh Pentadbir Harta Pusaka tentang kematian pembayar cukai dengan menggunakan Borang CP57 (Pemberitahuan Kematian Pembayar Cukai) selaras dengan pindaan subseksyen 74(3) ACP 1967 yang berkuat kuasa mulai 18 Januari 2011. Selain itu, kegagalan mengeluarkan Notis Taksiran Cukai Tambahan Dan Penalti juga boleh membawa risiko di mana baki bayaran ansuran dianggap kredit dan dibayar balik kepada pembayar cukai selepas mengambil kira taksiran sedia ada (taksiran disifatkan dan taksiran tambahan daripada audit meja jika berkenaan) sebelum mengambil kira taksiran tambahan daripada audit luar yang belum dibangkitkan bagi sesuatu tahun taksiran. Sehubungan ini, siasatan perlu dijalankan dan hukuman/tindakan disiplin yang bersesuaian perlu dikenakan kepada pegawai yang terbukti cuai.

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

LHDNM sedang mengenal pasti pegawai-pegawai yang terlibat dan sebab berlaku ketidakpatuhan sebelum menentukan jenis hukuman/disiplin yang wajar dikenakan jika perlu. Di samping itu, pemantauan juga akan dilakukan sehingga kesemua kes diselesaikan. Selain itu, Ibu Pejabat LHDNM juga akan melakukan siasatan ke atas pegawai-pegawai yang terlibat bagi mengenal pasti masalah yang timbul.

d. Kelewatan *Key-In* Data Setiap Peringkat Kerja Audit Luar Di Case Management System (CMS)

Memo Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai Bilangan LHDNM.01/36/223/5/7 bertarikh 23 Jun 2009 menghendaki Pegawai Audit Luar memasukkan data kerja audit luar dengan segera ke CMS berdasarkan setiap peringkat kerja yang disiapkan. Semakan Audit di 7 Cawangan LHDNM mendapati Pegawai Audit Luar telah lewat memasukkan data kerja audit luar ke CMS bagi 106 individu melibatkan 238 kes dengan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM5.98 juta. Adalah diperhatikan Pegawai Audit Luar memasukkan data kerja audit luar ke CMS pada tarikh yang sama selepas beberapa peringkat kerja disiapkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.12
KELEWATAN *KEY-IN* DATA SETIAP PERINGKAT KERJA AUDIT LUAR DI CMS

CAWANGAN	BIL. INDIVIDU	BIL. KES	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM Juta)
Johor Bahru	7	14	0.15
Pulau Pinang	19	30	0.35
Ipoh	2	5	0.04
Temerloh	45	114	3.16
Kuala Terengganu	8	8	0.45
Shah Alam	5	11	0.50
Kuala Lumpur Bandar	20	56	1.33
JUMLAH	**106**	**238**	**5.98**

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Case Management System (CMS) tidak stabil pada tahun 2009 menyebabkan berlaku kelewatan key-in data pada masa itu. Memandangkan CMS kini telah stabil, tindakan key-in data di CMS akan dilakukan selepas sesuatu proses kerja diselesaikan.

Pada pendapat Audit, pegawai atasan LHDNM perlu memantau dan memastikan Pegawai Audit Luar menginput data ke modul audit dalam CMS sebaik sahaja sesuatu proses kerja disiapkan bagi memastikan data adalah utuh pada masa nyata (realtime).

e. Pemantauan Integriti Melalui Lawatan Mengejut Kurang Berkesan

Memo Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai Bilangan LHDNM.01/36/223/5/7(65) bertarikh 18 Ogos 2010 berkuat kuasa mulai 1 September 2010 menyatakan kewajipan Pengurus Audit menjalankan lawatan mengejut sekurang-kurangnya 6 kali setahun dan Pengarah Cawangan mengadakan lawatan mengejut sekurang-kurangnya 3 kali setahun terhadap pasukan audit luar di premis pembayar cukai. Lawatan yang dijalankan perlu direkodkan dalam Buku Daftar Lawatan Mengejut. Sekiranya terdapat penyelewengan pasukan audit luar dalam aktiviti pengauditan, laporan hendaklah dibuat oleh Pengurus Audit kepada Pengarah Cawangan dan Pengarah Cawangan kepada Pengarah Negeri sebagaimana dinyatakan dalam Manual Prosedur Kerja Audit Luar. Semakan Audit mendapati pemantauan integriti melalui lawatan mengejut secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan. Ini adalah kerana hanya Cawangan Alor Setar, Temerloh, Kota Bharu dan Labuan (4 Cawangan atau 23.5% daripada 17 Cawangan) yang mematuhi peraturan yang ditetapkan. Manakala 13 Cawangan yang lain atau 76.5% daripada 17 Cawangan

tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan dengan sepenuhnya sama ada lawatan mengejut tidak dijalankan/tidak mematuhi kekerapan yang ditetapkan dan/atau Buku Daftar serta laporan lawatan mengejut tidak diselenggarakan/tidak lengkap.

Pada pendapat Audit, Buku Daftar Lawatan Mengejut perlu diselenggarakan dengan lengkap. Manakala kekerapan lawatan mengejut terhadap pasukan Pegawai Audit Luar yang bertugas di premis pembayar cukai sekurang-kurangnya perlu mengikut kekerapan yang ditetapkan untuk memastikan mereka melaksanakan tugas selaras dengan peraturan.

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Kekerapan lawatan mengejut akan dipatuhi. Manakala Buku Daftar Lawatan Mengejut telah diselenggarakan selepas teguran Audit.

f. Taksiran Anggaran Cukai Dan Penalti Tidak Dikeluarkan

Sekiranya individu berpendapatan perniagaan tidak mengemukakan Borang B, LHDNM perlu mengeluarkan taksiran anggaran cukai di bawah subseksyen 90(3) ACP 1967 berserta penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967. Semakan Audit di 9 Cawangan LHDNM mendapati taksiran anggaran cukai berserta penalti berjumlah RM0.77 juta tidak dikeluarkan kepada 30 individu berpendapatan perniagaan yang tidak mengemukakan Borang B melibatkan 41 kes. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.13
TAKSIRAN ANGGARAN CUKAI DAN PENALTI TIDAK DIKELUARKAN KEPADA INDIVIDU BERPENDAPATAN PERNIAGAAN YANG TIDAK MENGEMUKAKAN BORANG B

CAWANGAN	BIL. INDIVIDU	BIL. KES	JUMLAH (RM)
Pulau Pinang	3	4	38,350
Taiping	2	3	291,798
Teluk Intan	4	5	24,656
Temerloh	2	2	8,694
Kuala Terengganu	4	5	42,098
Kota Kinabalu	7	10	129,236
Kuching	3	6	117,374
Shah Alam	3	4	116,984
Kuala Lumpur Bandar	2	2	1,378
JUMLAH	**30**	**41**	**770,568**

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

LHDNM telah mengambil tindakan terhadap 15 kes. Manakala tindakan akan diambil terhadap 26 kes lain. Selain itu, LHDNM telah mengambil tindakan mengeluarkan taksiran anggaran secara automatik melalui sistem pada akhir Mei 2011 berdasarkan kriteria-kriteria tertentu.

Pada pendapat Audit, jika individu berpendapatan perniagaan tidak mengemukakan Borang B tetapi mempunyai bayaran cukai pendapatan bagi sesuatu tahun taksiran, LHDNM perlu mengeluarkan taksiran anggaran di bawah subseksyen 90(3) ACP 1967 berserta penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967. Sehubungan itu, LHDNM perlu memastikan STS Selain Syarikat yang sedia ada berupaya mengeluarkan taksiran anggaran tersebut secara automatik.

9.5.3.4. Kelemahan Penguatkuasaan Pemungutan Cukai

Selepas Notis Taksiran Cukai Tambahan Dan Penalti dikeluarkan oleh Unit Audit Luar, Unit Pungutan perlu memastikan individu berpendapatan perniagaan menjelaskan tunggakan cukai mengikut amaun dan tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap rekod pungutan bagi individu berpendapatan perniagaan mendapati perkara seperti berikut:

a. Tunggakan Cukai

Tunggakan cukai wujud sekiranya pembayar cukai gagal membayar baki cukai kena dibayar bagi sesuatu taksiran dalam tempoh yang ditetapkan. Bagi kes ansuran pemungutan cukai dan kes ansuran audit cukai, sekiranya pembayar cukai gagal membayar ansuran mengikut syarat persetujuan yang ditetapkan, maka semua jumlah ansuran yang perlu dibayar hendaklah dianggap sebagai tunggakan cukai melainkan jika kes tersebut dijadualkan semula. Semakan Audit mendapati 303 individu berpendapatan perniagaan melibatkan 1,000 kes gagal menjelaskan tunggakan cukai berjumlah RM19.11 juta. Tempoh tunggakan cukai adalah sehingga melebihi 11 tahun seperti di **Jadual 9.14**. Antara faktor yang menyebabkan bayaran cukai tertunggak ialah tindakan penguatkuasaan tidak diambil sepenuhnya terhadap pembayar cukai yang terlibat seperti mana diperuntukkan di dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.

JADUAL 9.14
TUNGGAKAN CUKAI PENDAPATAN

UNIT PUNGUTAN	TEMPOH TUNGGAKAN										JUMLAH		
	1 BULAN ATAU KURANG		MELEBIHI 1 - 6 BULAN		MELEBIHI 6 BULAN – 1 TAHUN		MELEBIHI 1 - 2 TAHUN		MELEBIHI 2 TAHUN (TEMPOH PALING LAMA)				
	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. INDIVIDU	*BIL. KES	TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)
Alor Setar	-	-	-	-	3	0.41	9	0.02	29	0.05 (11 Tahun 1 Bulan)	**8**	**41**	**0.48**
Kangar	-	-	-	-	-	-	3	0.03	-	-	**2**	**3**	**0.03**
Johor Bahru	13	0.01	3	0.01	7	0.04	26	0.24	63	0.56 (11 Tahun)	**25**	**75**	**0.86**
Pulau Pinang	-	-	7	0.04	7	0.04	18	0.18	20	0.11 (7 Tahun 7 Bulan)	**15**	**41**	**0.37**
Ipoh	-	-	5	0.01	4	0.01	17	0.19	58	0.15 (11 tahun 2 bulan)	**15**	**76**	**0.36**
Taiping	1	0.01	-	-	5	0.01	11	0.02	24	0.06 (11 tahun)	**12**	**37**	**0.10**
Teluk Intan	-	-	24	0.04	4	0.01	11	0.20	9	0.07 (8 tahun 6 Bulan)	**15**	**48**	**0.32**
Temerloh	-	-	10	0.07	18	1.22	16	0.83	11	0.19 (8 Tahun 10 Bulan)	**17**	**51**	**2.31**
Kota Bharu	-	-	14	0.19	19	0.60	13	0.05	33	0.29 (11 Tahun 1 Bulan)	**12**	**55**	**1.13**
Kuala Terengganu	6	0.02	14	0.13	11	0.18	17	0.27	32	0.24 (10 Tahun 5 Bulan)	**18**	**67**	**0.84**
Kota Kinabalu	9	0.24	13	0.11	25	0.25	15	0.40	9	0.04 (2 Tahun 10 Bulan)	**19**	**44**	**1.04**
Labuan	-	-	7	0.01	-	-	5	0.02	-	-	**3**	**9**	**0.03**
Kuching	6	0.14	2	0.08	20	0.23	20	0.65	15	0.02 (10 Tahun 8 Bulan)	**18**	**63**	**1.12**
Shah Alam	6	0.02	18	0.75	20	0.52	29	0.90	76	0.80 (11 Tahun 2 Bulan)	**34**	**125**	**2.99**
Melaka	3	0.01	6	0.04	4	0.04	10	3.91	19	0.06 (11 Tahun)	**12**	**32**	**4.06**

UNIT PUNGUTAN	TEMPOH TUNGGAKAN										JUMLAH		
	1 BULAN ATAU KURANG		MELEBIHI 1 - 6 BULAN		MELEBIHI 6 BULAN – 1 TAHUN		MELEBIHI 1 - 2 TAHUN		MELEBIHI 2 TAHUN (TEMPOH PALING LAMA)				
	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. INDIVIDU	*BIL. KES	TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)
Seremban	-	-	5	0.02	9	0.02	16	0.11	14	0.26 (11 Tahun)	**10**	**33**	**0.41**
Kuala Lumpur Bandar	-	-	32	0.32	37	0.34	37	0.37	109	1.63 (10 Tahun 4 Bulan)	**68**	**200**	**2.66**
JUMLAH	**44**	**0.45**	**160**	**1.82**	**193**	**3.92**	**273**	**8.39**	**521**	**4.53**	**303**	**1,000**	**19.11**

Nota: (*) - Jumlah Bilangan Kes Telah Diselaraskan Kerana Sesuatu Tahun Taksiran Mempunyai Lebih Daripada Satu Usia Tunggakan

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Tindakan pemungutan telah diambil seperti surat peringatan, kenaikan cukai, sekatan keluar negara, tindakan guaman sivil, membenarkan kemudahan bayaran tunggakan cukai secara ansuran dan mendapatkan cek tertangguh.

b. Ketidakpatuhan Skim Bayaran Ansuran Cukai Individu Berpendapatan Perniagaan (Notis CP500)

Arahan Operasi Bil. 6 Tahun 2010 berkuat kuasa mulai 18 Ogos 2010 menyatakan kenaikan cukai sebanyak 10 peratus perlu dikenakan di bawah subseksyen 107B(3) ACP 1967 terhadap ansuran cukai Notis CP500 yang tidak/kurang/lewat dibayar, dihadkan kepada jumlah cukai sebenar kena dibayar berkaitan perniagaan. Semakan Audit di 15 Cawangan LHDNM mendapati Unit Pungutan tidak mengenakan kenaikan cukai berjumlah RM258,843 terhadap 263 individu melibatkan 696 kes yang gagal membayar skim ansuran cukai. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.15
KENAIKAN CUKAI TIDAK DIKENAKAN TERHADAP
KEGAGALAN BAYARAN SKIM ANSURAN CUKAI NOTIS CP500

UNIT PUNGUTAN	BIL. INDIVIDU	BIL. KES	KENAIKAN CUKAI TIDAK DIKENAKAN (RM)
Alor Setar	9	16	3,418
Johor Bahru	37	273	31,337
Pulau Pinang	40	70	25,601
Taiping	14	27	11,386
Teluk Intan	3	9	1,665
Temerloh	7	9	5,364
Kota Bharu	10	23	16,053
Kuala Terengganu	13	20	16,177
Kota Kinabalu	28	62	29,489
Labuan	8	12	5,005
Kuching	2	4	12,233
Shah Alam	27	53	21,006
Melaka	10	21	6,680
Seremban	5	7	7,566
Kuala Lumpur Bandar	50	90	65,863
JUMLAH	**263**	**696**	**258,843**

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Kenaikan cukai di bawah subseksyen 107B(3) ACP 1967 belum dikenakan secara manual kerana fail tidak terpilih untuk semakan Unit Pungutan LHDNM. Keadaan ini menyebabkan Akaun Belum Terima LHDNM terkurang nyata di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Ini adalah kerana kegagalan bayaran (lewat/kurang/tidak bayar) skim ansuran cukai CP500 telah layak untuk kenaikan cukai subseksyen 107B(3) ACP 1967 tetapi kenaikan cukai belum dikira secara manual untuk mendebit lejar pembayar cukai. Selepas teguran Audit, kenaikan cukai di bawah subseksyen 107B(3) ACP 1967 telah dikenakan terhadap 206 individu melibatkan 597 kes. Manakala tindakan akan diambil oleh Cawangan Temerloh dan Kuala Lumpur Bandar terhadap 57 individu lain melibatkan 99 kes.

Pada pendapat Audit, LHDNM perlu memastikan *Revenue Management System* (ReMS) dan Sistem Taksir Sendiri (STS) Selain Syarikat yang dibangunkan berupaya mengenakan kenaikan cukai secara automatik di bawah subseksyen 107B (3) ACP 1967 terhadap pembayar cukai yang gagal mematuhi skim bayaran ansuran cukai bagi Notis CP500. Selain itu, seksyen 107B ACP 1967 wajar dikaji semula dengan mempertanggungjawabkan pembayar cukai mengemukakan anggaran cukai CP500 sebagaimana yang diamalkan oleh syarikat dalam mengemukakan anggaran cukai CP204. Pada masa kini, anggaran cukai CP500 dikeluarkan oleh LHDNM di bawah subseksyen 107B(2) ACP 1967 berasaskan jumlah cukai kena dibayar bagi tahun taksiran 2 tahun terdahulu. Ini adalah kerana terdapat kelemahan di mana jika anggaran cukai CP500 oleh LHDNM jauh lebih rendah, pembayar cukai tidak diwajibkan mengemukakan pindaan anggaran cukai dan terlepas daripada membayar cukai tambahan secara dwi-bulanan. Kenaikan cukai juga tidak dapat dikenakan di bawah subseksyen 107B(4) ACP 1967 jika cukai sebenar jauh lebih tinggi daripada anggaran cukai CP500 yang dikeluarkan oleh LHDNM. Tambahan pula, konsep bayaran cukai di bawah STS adalah *Pay As You Earn* dan STS bagi individu berpendapatan perniagaan telah memasuki tahun ke-9. Oleh itu, mereka lebih mengetahui jumlah anggaran cukai yang patut dibayar hasil daripada keuntungan perniagaan sesuatu tahun taksiran.

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Sistem kenaikan cukai secara automatik sedang dalam pembangunan di mana spesifikasi keperluan pengguna telah disediakan pada 23 Mac 2012. Selain itu, cadangan supaya pembayar cukai Selain Syarikat, Koperasi dan Badan Amanah juga diwajibkan membuat anggaran cukai sendiri akan dikaji pelaksanaannya.

c. Integriti Data - Perbezaan Maklumat Bayaran Ansuran Notis CP500 Antara Lejar Dengan Jadual Pematuhan Kepada Senarai Anggaran Cukai

Lejar di Sistem Taksir Sendiri (STS) Selain Syarikat menunjukkan tarikh dan amaun sebenar bayaran Notis CP500 yang diterima daripada individu berpendapatan perniagaan. Manakala Jadual Pematuhan Kepada Senarai Anggaran Cukai Notis CP500 di STS Selain Syarikat bertujuan mengukur tahap pematuhan bayaran cukai sebelum tindakan kenaikan cukai dikenakan di bawah subseksyen 107B(3) ACP 1967. Semakan Audit di 17 Cawangan LHDNM mendapati 825 individu melibatkan 1,816 kes mempunyai butiran perbezaan maklumat bayaran ansuran Notis CP500

antara lejar dengan Jadual Pematuhan Kepada Senarai Anggaran Cukai melibatkan perkara seperti berikut:

i. Butiran tarikh dan/atau amaun bayaran berbeza antara lejar dengan Jadual Pematuhan Kepada Senarai Anggaran Cukai bagi 390 individu melibatkan 646 kes.

ii. Lejar mempunyai butiran bayaran tetapi Jadual Pematuhan Kepada Senarai Anggaran Cukai tiada butiran bayaran bagi 599 individu melibatkan 949 kes.

iii. Lejar tiada butiran bayaran tetapi Jadual Pematuhan Kepada Senarai Anggaran Cukai mempunyai butiran bayaran bagi 150 individu melibatkan 221 kes.

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Bagi tahun taksiran 2000 hingga 2006, maklumat tarikh dibayar, amaun dibayar dan amaun kenaikan tidak dapat dipaparkan dalam Jadual Pematuhan Kepada Senarai Anggaran Cukai kerana data tidak dibawa dari sistem IntactSG ke STS Selain Syarikat. Mulai tahun taksiran 2007, sistem resitan di STS Selain Syarikat mula diguna pakai. Oleh itu, maklumat lengkap di bahagian Jadual Pematuhan Kepada Senarai Anggaran Cukai dapat dipaparkan. Manakala bagi tahun taksiran 2010, Cawangan LHDNM dapat mengenal pasti pembayar cukai yang gagal mematuhi bayaran ansuran yang ditetapkan di ReMS untuk tindakan kenaikan cukai secara manual di bawah subseksyen 107B(3) ACP 1967. LHDNM menyatakan perbezaan maklumat bayaran ansuran Notis CP500 antara lejar dengan Jadual Pematuhan Kepada Senarai Anggaran Cukai antaranya adalah disebabkan kod bayaran, tahun taksiran dan jumlah bayaran CP500 yang tidak tepat oleh pembayar cukai.

Bagaimanapun, contoh semakan Audit Negara selanjutnya terhadap kes di Cawangan Pulau Pinang, Temerloh dan Kuala Lumpur Bandar mendapati bagi sebahagian kes, pembayar cukai telah mengisi kod bayaran yang tepat (084) dengan tahun taksiran yang betul dan jumlah bayaran CP500 yang tepat.

Pada pendapat Audit, penjanaan Jadual Pematuhan Kepada Senarai Anggaran Cukai Notis CP500 yang tidak menunjukkan butiran tarikh dan amaun bayaran yang sebenar tidak dapat digunakan untuk tujuan pengiraan kenaikan cukai secara automatik di bawah subseksyen 107B(3) ACP 1967. Sebaliknya pengiraan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107B(3) ACP 1967 perlu dibuat secara manual apabila fail telah dipilih untuk semakan Unit Pungutan. Pengiraan kenaikan cukai secara manual akan mengambil masa dan menyebabkan fail yang belum dipilih untuk semakan Unit Pungutan tidak dikenakan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107B(3) ACP 1967. Sehubungan itu, LHDNM perlu menambah baik Modul Jadual Pematuhan Kepada Senarai Anggaran Cukai Notis CP500 di STS Selain Syarikat untuk menjana butiran tarikh dan amaun bayaran yang sebenar bagi tujuan pengiraan kenaikan cukai secara automatik yang menjimatkan masa di bawah subseksyen 107B(3) ACP 1967.

d. Kenaikan Cukai Tidak Dikenakan Terhadap Tunggakan Cukai

i. Tunggakan cukai bagi sesuatu taksiran perlu dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan. Jika terdapat kegagalan bayaran cukai, Unit Pungutan adalah dikehendaki menguatkuasakan seksyen 103 ACP 1967 dengan mengenakan

kenaikan cukai sebanyak 10% atau maksimum 15% mengikut tempoh tunggakan cukai. Semakan Audit di 15 Cawangan LHDNM mendapati tindakan kenaikan cukai terhadap 200 individu melibatkan 456 kes telah tidak dikenakan sebanyak RM1.01 juta. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.16
KENAIKAN CUKAI TIDAK DIKENAKAN TERHADAP TUNGGAKAN CUKAI

UNIT PUNGUTAN	BIL. INDIVIDU	BIL. KES	JUMLAH KENAIKAN CUKAI TIDAK DIKENAKAN (RM)
Alor Setar	5	8	70,005
Kangar	2	3	1,718
Pulau Pinang	4	4	1,185
Ipoh	3	3	2,379
Taiping	3	6	3,250
Temerloh	14	28	65,129
Kota Bharu	3	3	12,411
Kuala Terengganu	9	23	24,648
Kota Kinabalu	30	40	116,828
Labuan	3	3	334
Kuching	14	40	68,267
Shah Alam	17	53	257,804
Melaka	8	15	4,357
Seremban	3	5	7,504
Kuala Lumpur Bandar	82	222	372,550
JUMLAH	**200**	**456**	**1,008,369**

ii. Antara sebab kenaikan cukai tidak dikenakan adalah pengiraan kenaikan cukai secara manual belum dibuat kerana fail tidak terpilih untuk semakan Unit Pungutan.

iii. Keadaan tersebut akan menyebabkan Akaun Belum Terima LHDNM terkurang nyata di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Ini adalah kerana kegagalan bayaran cukai secara ansuran (lewat/kurang/tidak bayar) mengakibatkan tunggakan cukai telah layak untuk kenaikan cukai di bawah seksyen 103 ACP 1967 tetapi kenaikan cukai belum dikira secara manual untuk mendebit lejar pembayar cukai.

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Kenaikan cukai di bawah Seksyen 103 ACP 1967 telah dikenakan terhadap 104 individu melibatkan 206 kes. Manakala tindakan akan diambil oleh Cawangan Temerloh dan Kuala Lumpur Bandar terhadap 96 individu lain melibatkan 250 kes. Sehubungan ini, kenaikan cukai tidak dapat dikenakan secara automatik terhadap semua kes kerana terdapat kekangan seperti kod transaksi dan tahun bayaran yang tidak tepat diisi oleh pembayar cukai, mengenepikan kes diberi kemudahan bayaran cukai secara ansuran, masalah pengenalpastian dan penggunaan baki kredit.

Pada pendapat Audit, bagi menjamin Kerajaan tidak kehilangan hasil, LHDNM perlu mengambil tindakan pemungutan tunggakan cukai secara tegas, mencari jalan penyelesaian terhadap kekangan kenaikan cukai secara automatik bagi mengurangkan penggantungan kepada tenaga manusia dalam tindakan kenaikan

cukai. Sehubungan itu, LHDNM perlu memastikan aplikasi *Revenue Management System* (ReMS) dan STS Selain Syarikat yang telah dibangunkan berupaya mengenakan kenaikan cukai di bawah seksyen 103 ACP 1967 secara automatik terhadap semua pembayar cukai yang gagal membayar tunggakan cukai. Selain daripada kenaikan cukai, setiap kes tunggakan cukai sama ada kes debit amaun besar atau kes debit amaun kecil yang telah memenuhi kriteria penguatkuasaan pemungutan perlu dikaji oleh Jawatankuasa Tetap Tunggakan Hasil di Cawangan untuk menentukan jenis tindakan susulan yang perlu diambil sama ada melalui sekatan ke luar negara, tindakan guaman sivil dan kaveat hartanah. Di samping itu, LHDNM wajar mendapatkan cek tertangguh dari individu bagi kes kemudahan bayaran ansuran untuk memastikan pembayar cukai komited menyelesaikan cukai yang terhutang.

9.6. SYOR AUDIT

Pada umumnya, kecekapan pengurusan cukai pendapatan terhadap individu berpendapatan perniagaan masih perlu dipertingkatkan manakala ketidakpatuhan peraturan perlu ditegah. Bagi tujuan ini, adalah disyorkan supaya LHDNM memberikan perhatian terhadap perkara berikut:

9.6.1. LHDNM hendaklah mengkaji piawaian negara serantau mengenai peratus individu berpendapatan perniagaan yang perlu dijalankan audit luar dan menetapkan peratus yang sewajarnya sebagai sasaran kerja tahunan. Usaha ini adalah perlu untuk memastikan setiap individu yang berisiko dijalankan audit luar dari semasa ke semasa kerana LHDNM menghadapi kekangan had masa 6 tahun di bawah subseksyen 91(1) ACP 1967 untuk mengeluarkan taksiran tambahan bagi cukai kurang ditaksir.

9.6.2. LHDNM perlu menentukan bilangan jawatan Pegawai Audit Luar yang diperlukan selaras dengan sasaran peningkatan liputan aktiviti audit luar memandangkan kekurangan pegawai dan tumpuan masa yang tidak optimum boleh menjejaskan bilangan fail individu yang dapat diselesaikan dan cukai tambahan serta penalti yang dapat dibangkitkan.

9.6.3. Pemilihan kes audit luar berasaskan analisis risiko perlu dikaji semula berdasarkan maklumat pembayar cukai yang tepat.

9.6.4. LHDNM dari semasa ke semasa perlu mencadangkan kepada Jabatan Perangkaan Malaysia mengenai jenis perniagaan/perkhidmatan yang wajar diberi kod perniagaan secara spesifik untuk memastikan kod perniagaan adalah lengkap dan kemas kini. ACP 1967 perlu diperuntukkan seksyen untuk mengenakan penalti terhadap pembayar cukai yang tidak mengisi kod perniagaan/mengisi kod perniagaan yang tidak tepat.

9.6.5. Senarai semakan audit sebagai *Standard Operating Procedure* mengikut Manual Audit Percukaian wajib diisi bagi kes yang mempunyai rekod perniagaan yang lengkap seperti yang disyaratkan dalam Manual Prosedur Kerja Audit Luar untuk memastikan semua tatacara pemeriksaan yang standard dan seragam bagi setiap isu berpotensi telah dilaksanakan oleh Pegawai Audit Luar.

9.6.6. Notis Taksiran Cukai Tambahan perlu dikeluarkan segera bagi kes yang penyelesaiannya telah diluluskan oleh pegawai atasan untuk membolehkan cukai dipungut.

9.6.7. Latihan kemahiran khas berhubung dengan audit luar terhadap individu berpendapatan perniagaan perlu diberi kepada semua Pegawai Audit Luar terutamanya pegawai baru. Manakala latihan berterusan perlu diberi kepada Pegawai Audit Luar sedia ada bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran dalam menjalankan audit luar selaras dengan perkembangan dan kompleksiti perniagaan.

9.6.8. LHDNM perlu mempertingkatkan keupayaan sistem automasi seperti berikut:

9.6.8.1. Memastikan STS Selain Syarikat yang sedia ada berupaya mengeluarkan taksiran anggaran secara automatik di bawah subseksyen 90(3) ACP 1967 berserta penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967 terhadap individu berpendapatan perniagaan yang tidak mengemukakan Borang B tetapi mempunyai bayaran cukai pendapatan bagi sesuatu tahun taksiran.

9.6.8.2. Mengambil tindakan pembaikan terhadap Modul Jadual Pematuhan Kepada Senarai Anggaran Cukai Notis CP500 di STS Selain Syarikat untuk menjana butiran tarikh dan amaun bayaran yang sebenar bagi tujuan pengiraan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107B(3) ACP 1967.

9.6.8.3. Memastikan *Revenue Management System* (ReMS) dan STS Selain Syarikat yang dibangunkan berupaya mengenakan kenaikan cukai secara automatik seperti berikut:

a. Seksyen 103 ACP 1967 terhadap pembayar cukai yang gagal (lewat/kurang/tidak membayar) tunggakan cukai.

b. Subseksyen 107B(3) ACP 1967 terhadap individu berpendapatan perniagaan yang gagal mematuhi skim bayaran ansuran cukai.

9.6.9. Setiap kes tunggakan cukai sama ada kes debit amaun besar atau kes debit amaun kecil yang telah memenuhi kriteria penguatkuasaan pemungutan perlu dikaji oleh Jawatankuasa Tetap Tunggakan Hasil di Cawangan untuk menentukan jenis tindakan susulan yang perlu diambil sama ada melalui sekatan ke luar negara, tindakan guaman sivil dan kaveat hartanah.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 72-85 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN KEWANGAN

10. JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
- PENGURUSAN TAKSIRAN DUTI IMPORT

10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merupakan pemungut hasil negara kedua terbesar selepas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. JKDM bertanggungjawab untuk memungut cukai tidak langsung seperti duti import, duti eksport, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan juga levi yang dikenakan ke atas urus niaga perdagangan serta perindustrian yang dijalankan di Malaysia. Di samping memungut cukai, JKDM turut menyediakan kemudahan perkastaman kepada sektor perdagangan dan perindustrian bagi kemudahan urus niaga serta mempertingkatkan pematuhan undng-undang supaya tidak berlaku ketirisan hasil negara.

10.1.2. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011, pungutan hasil JKDM adalah berjumlah RM136.391 bilion. Hasil yang dikutip pada tahun 2007 adalah berjumlah RM23.611 bilion dan ia telah meningkatkan hasil kepada RM30.38 bilion pada tahun 2011. Bagaimanapun, berlaku penguncupan hasil sejumlah RM2.679 bilion (9.4%) pada tahun 2009 berbanding tahun 2008, iaitu daripada RM28.464 bilion kepada RM25.785 bilion. Ini disebabkan prestasi pungutan hasil JKDM dipengaruhi oleh perubahan ekonomi semasa, polisi dan kadar cukai serta kesan operasi dan pematuhan yang dilaksanakan oleh JKDM.

10.1.3. Pengurusan taksiran duti import (termasuk eksais dan cukai jualan import) di peringkat Ibu Pejabat melibatkan 5 cawangan iaitu Cawangan Import/Eksport dan Kawalan Sempadan; Cawangan Penjenisan, Tarif dan Gubalan; Cawangan Pengurusan Penilaian; Cawangan Perakaunan Hasil dan Cawangan Pasca Import.

10.1.4. Bagi melaksanakan tugas pungutan duti import, JKDM telah diberi kuasa melalui undang-undang dan peraturan tertentu. Selain itu, JKDM juga mengeluarkan Perintah Tetap Kastam (PTK), Perintah Am Jabatan dan Tatacara Kerja Negeri bagi memperincikan lagi proses kerja taksiran duti import. Undang-undang dan peraturan berkaitan taksiran duti import adalah seperti berikut:

a. Akta Kastam 1967;
b. Akta Duti Timbal Balas dan Anti Lambakan 1993;
c. Peraturan-peraturan Kastam 1977;
d. Peraturan-peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999;
e. Perintah Kastam (Larangan Import) 1998;
f. Perintah Duti Kastam 1996; dan
g. Perjanjian Perdagangan Bebas.

10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan taksiran duti import diuruskan dengan teratur dan cekap selaras dengan undang-undang serta peraturan yang ditetapkan.

10.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi pengurusan taksiran duti import bagi tempoh bulan Julai 2009 hingga September 2011 di 52 stesen Kastam seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.1
PENGAUDITAN BORANG IKRAR DI PERINGKAT NEGERI

NEGERI	STESEN KASTAM	BILANGAN STESEN
Johor	Wisma Kastam Tanjung Puteri; Pasir Gudang; Tanjung Kupang Dan Tanjung Pelepas	4
Kedah	Wisma Kastam Alor Setar; Sungai Petani Dan Bukit Kayu Hitam	3
Kelantan	Rantau Panjang; Pengkalan Kubor Dan Bukit Bunga	3
KLIA Kargo	Cawangan Import/Eksport/Zon Perdagangan Bebas	1
Melaka	Wisma Kastam Ayer Keroh Dan Pelabuhan Sungai Rambai	2
Negeri Sembilan	Wisma Kastam Seremban Dan Nilai Inland Port	2
Pahang	Wisma Kastam Kuantan; Pelabuhan Kuantan Dan Kontena Nasional Bhd.	3
Perak	Wisma Kastam Ipoh Dan Pelabuhan Lumut	2
Perlis	Wisma Kastam Kangar Dan Padang Besar	2
Pulau Pinang	Pelabuhan Kontena Butterworth Utara (NBCT); Pelabuhan Bagan Dalam (BWCT); Gudang Kontena Nasional (KNICD) Dan Kompleks Kargo Udara Kedua (KKUK)	4
Sabah	Maskargo Kota Kinabalu; Pelabuhan Tawau; Pelabuhan Sepanggar Kota Kinabalu; Pelabuhan Sandakan Dan Pelabuhan Kota Kinabalu	5
Sarawak	Pelabuhan Senari Kuching; Pelabuhan Bintulu; Pelabuhan Miri; Pelabuhan Rajang Sibu; Stesen Tadungan Limbang Dan Kargo Udara Kuching	6
Selangor	Pelabuhan Barat; Pelabuhan Utara; Pelabuhan Selatan; Gudang Berlesen Tamadam (Zon 1) Dan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang	5
Terengganu	Wisma Kastam Kuala Terengganu; Pejabat Kastam Kemaman; Pelabuhan Kemaman Dan Pelabuhan Pangkalan Bekalan (KSB), Kemaman	4
W.P. Kuala Lumpur	Cawangan Penggudangan; Depot Pelepasan Pedalaman Seri Setia Dan Zon Perindustrian Bebas Sg. Way	3
W.P. Labuan	Asian Supply Base; Wisma Kastam Dan Kargo Udara	3
JUMLAH		**52**

10.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan terhadap Borang K1, rekod, dokumen dan fail berkaitan taksiran duti import. Manakala pemilihan sampel Borang K1 dibuat secara manual di setiap stesen yang terlibat mengikut tarikh bayaran duti. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai Kastam dijalankan untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas serta *'walk through test'* telah dibuat bagi melihat proses sebenar taksiran. Lawatan ke premis dagangan juga telah dilakukan bersama pegawai dari Cawangan Pengauditan Pasca Import Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi mendapat gambaran sebenar mengenai pengurusan taksiran duti import.

10.5. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Oktober 2011 mendapati pengurusan taksiran duti import adalah memuaskan di mana borang taksiran telah diproses dengan teratur dan duti dikutip berdasarkan undang-undang dan peraturan di stesen Kastam serta peningkatan duti import berjumlah RM2.739 bilion pada tahun 2011 berbanding dengan kutipan berjumlah RM5.965 bilion pada tahun 2007. Namun demikian, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan taksiran duti import seperti berikut:

i. ejen penghantaran masih boleh membawa borang ikrar untuk urusan seterusnya;
ii. daripada 19 mesin pengimbas kontena di seluruh negara yang diperolehi dari tahun 2001 hingga bulan September 2010, adalah didapati 3 mesin pengimbas telah dilupuskan. Manakala daripada 16 mesin yang boleh digunakan hanya 6 berimej jelas;
iii. proses verifikasi terhadap Borang K1 tidak dilaksanakan di 3 negeri dan imbangan manifes lewat dilakukan;
iv. kekurangan pegawai dari Cawangan Pasca Import; dan

v. prestasi kutipan balik oleh Cawangan Pasca Import dan Cawangan Verifikasi Dan Profiling yang rendah.


Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui dan maklum balas JKDM adalah seperti berikut:

10.5.1. Prestasi Kutipan Duti Import

10.5.1.1. JKDM telah diberi sasaran oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengutip hasil berjumlah RM30 bilion pada tahun 2011 dan telah berjaya mencapai sasaran tersebut apabila mengutip sejumlah RM30.38 bilion pada tahun 2011.

10.5.1.2. Antara faktor yang menyumbang kepada pencapaian prestasi kutipan hasil JKDM adalah kutipan duti import, duti eksais (import) dan cukai jualan (import) berjumlah RM8.704 bilion pada tahun 2011. Ini merupakan peningkatan kutipan duti import berjumlah RM2.739 bilion jika dibandingkan dengan kutipan berjumlah RM5.965 bilion pada tahun 2007. Prestasi pungutan duti import bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di carta berikut:

CARTA 10.1
PRESTASI PUNGUTAN DUTI IMPORT BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2011



	2007	2008	2009	2010	2011
Duti Import	2,422.46	2,635.20	2,114.27	1,966.28	2,017.48
Duti Eksais (Import)	1,080.79	1,508.67	1,594.77	2,420.39	3,106.55
Cukai Jualan (Import)	2,461.30	3,387.35	3,255.20	3,284.50	3,580.15
JUMLAH	5,964.55	7,531.22	6,964.24	7,671.17	8,704.18

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan duti import adalah baik dan telah mencapai sasaran Kerajaan Persekutuan.

10.5.2. Pengurusan Taksiran Duti Import

Bagi menentukan sama ada pengurusan taksiran duti import telah diuruskan dengan teratur dan cekap, semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan utama dalam proses taksiran duti import, iaitu kawalan dokumen selepas Borang K1 didaftarkan serta kawalan sebelum dan selepas pelepasan barang daripada kawalan Kastam. Hasil semakan Audit terhadap kawalan utama dalam proses taksiran duti import adalah seperti berikut:

10.5.2.1. Kawalan Dokumen Selepas Borang K1 Didaftarkan

Perintah Am Jabatan 103 telah menjelaskan bahawa setiap borang ikrar yang didaftarkan tidak boleh diserahkan kembali kepada pengimport atau ejen penghantaran sehingga borang berkenaan selesai disemak dan duti/cukai dijelaskan. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati masih ada kes di mana ejen penghantaran telah membawa sendiri borang ikrar dan dokumen yang telah didaftarkan untuk urusan selanjutnya. Walaupun perkara ini pernah dibangkitkan oleh pihak Audit pada tahun 2008 dan JKDM telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan surat arahan bertarikh 14 April 2009 supaya ejen tidak membawa sendiri borang ikrar selepas didaftar, namun perkara ini masih berlaku di stesen Kastam di Pelabuhan Rajang, Sibu dan Pelabuhan Miri, Sarawak dan Wisma Kastam, Seremban, Negeri Sembilan.

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Arahan mengenai pengendalian borang telah dikeluarkan pada 14 April 2009 dan 3 Ogos 2011. JKDM telah melaksanakan pemprosesan pengimportan, pergerakan dan pengeksportan barangan melalui sistem elektronik sepenuhnya iaitu di mana borang ikrar diproses secara serentak tanpa menunggu kehadiran pengimport/ejen dan tiada borang ikrar yang diperlukan kecuali bagi pengikraran secara manual. Manakala di Stesen Kastam Pelabuhan Rajang Sibu, Sarawak, bilik runding cara telah diwujudkan beserta dengan pengeluaran notis amaran. Di Stesen Pelabuhan Miri, Sarawak dan Negeri Sembilan pula, notis amaran telah dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, kes di mana ejen penghantaran membawa sendiri borang ikrar dan dokumen yang telah didaftarkan akan memberi ruang kepada ejen memilih sendiri pegawai Kastam untuk berurusan dan sekiranya tidak dibendung ia boleh mempengaruhi taksiran yang dibuat.

10.5.2.2. Kawalan Sebelum Pelepasan Barang Import Daripada Kawalan Kastam

Secara umumnya, sebelum barang import boleh dilepaskan daripada kawalan Kastam, pihak JKDM akan memastikan duti dibayar selepas barang disahkan betul melalui pemeriksaan fizikal (jika perlu); menggunakan mesin pengimbas selepas duti dibayar; dan mengawal pintu pelepasan di pelabuhan atau zon bebas. Penggunaan mesin pengimbas kontena di stesen Kastam adalah bertujuan untuk memastikan barangan yang diikrarkan adalah betul di samping mengesan kemasukan barang larangan. Terdapat 19 mesin pengimbas kontena di seluruh negara yang diperolehi dari tahun 2001 hingga bulan September 2010. Semakan Audit terhadap laporan prestasi mesin pengimbas mendapati perkara seperti berikut:

i. Sebanyak 3 daripada 19 mesin pengimbas telah dilupuskan kerana usang/rosak. Daripada 16 mesin yang digunakan hanya 6 daripadanya berimej jelas.

ii. Penggunaan mesin pengimbas berimej yang jelas dapat mengesan barangan yang tidak diikrarkan/salah ikrar dalam Borang K1. Sebagai contoh, imbasan yang jelas di Pelabuhan Barat, Selangor menunjukkan barangan disyaki tidak diikrarkan dalam Borang K1 seperti di gambar berikut:

GAMBAR 10.1
HASIL DARIPADA IMBASAN YANG DAPAT DIKENAL PASTI DI PELABUHAN BARAT, SELANGOR



Sumber: Unit Mesin Pengimbas, Stesen Kastam Selangor

iii. Berdasarkan laporan daripada Unit Mesin Pengimbas, jumlah hasil yang dapat dikutip melalui Unit Mesin Pengimbas di seluruh negara ialah RM13.06 juta pada tahun 2010 dan RM5.33 juta pada tahun 2011. Bagaimanapun, analisis Audit mendapati prestasi Unit Mesin Pengimbas adalah tidak memuaskan untuk 4 stesen di mana tiada kes berjaya dikesan untuk mengutip hasil tambahan. Untuk tahun 2010 dan 2011, tiada hasil dikutip oleh 3 stesen iaitu Stesen Bukit Kayu Hitam, Kedah; Pelabuhan Bagan Dalam, Pulau Pinang; dan Pelabuhan Kuantan, Pahang. Manakala Unit Mesin Pengimbas Padang Besar, Perlis yang telah mula menggunakan mesin pengimbas daripada Bahagian Penguatkuasaan, Pelabuhan Barat, Selangor pada tahun 2011 juga tidak dapat mengesan hasil tambahan pada tahun 2011. Maklumatnya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.2
KUTIPAN HASIL UNIT MESIN PENGIMBAS UNTUK TEMPOH TAHUN 2010 DAN 2011

NEGERI	STESEN KASTAM	JENIS MESIN PENGIMBAS	2010 (RM)	2011 (RM)	JUMLAH (RM)
Johor	Pelabuhan Pasir Gudang	Relocatable Vacis II	539,025	523,538	1,062,563
	Pelabuhan Tanjung Kupang	Portal Vacis	55,845	40,273	96,118
	Pelabuhan Tanjung Pelepas	Relocatable Vacis II	19,770	0	19,770
Kedah	Stesen Bukit Kayu Hitam	Rapiscan 3345	0	0	0
Kelantan	Stesen Rantau Panjang	Rapiscan 3345	4,069	1,577	5,646
KLIA	Bahagian Penguatkuasaan	Rapiscan 3345	53,075	0	53,075
Pulau Pinang	Pelabuhan Kontena Butterworth Utara	Relocatable Vacis II	43,722	2,156	45,878
	Pelabuhan Bagan Dalam	Thscan FS3000 HS	0	0	0
Pahang	Pelabuhan Kuantan	Rapiscan 3345	0	0	0
Perlis	Padang Besar	Rapiscan 3345	0	TB	0
		Thscan MT1213LT	TB	0	0
Sabah	Pelabuhan Teluk Sepanggar	Relocatable Vacis II	1,000	200	1,200
Sarawak	Pelabuhan Senari, Kuching	Relocatable Vacis II	32,171	0	32,171
Selangor	Pelabuhan Utara (Klang Port Management)	Relocatable Vacis II	3,860,379	1,690,369	5,550,748
	Pelabuhan Utara (Klang Container Terminal)	Thscan FS6000 DE	329,543	1,774,540	2,104,083
	Pelabuhan Barat (Bahagian Penguatkuasaan)	Thscan MT1213LT	6,046,776	*	6,046,776
	Pelabuhan Barat	Relocatable MB1215HS	0	362,433	362,433
		Thscan FS3000 HS	2,072,047	936,117	3,008,164
JUMLAH			**13,057,422**	**5,331,203**	**18,388,625**

Sumber: ***Unit Mesin Pengimbas***
Nota: ***Jumlah Kutipan Termasuk Kompaun***
(*) - Dipindahkan ke Padang Besar
TB - Mesin Pengimbas Belum Diterima/Lupus

iv. Antara sebab prestasi Unit Mesin Pengimbas yang rendah adalah lokasi mesin yang tidak sesuai atau imej mesin pengimbas yang kurang jelas. Sebagai contoh, Unit Mesin Pengimbas di stesen Kastam, Pelabuhan Bagan Dalam, Pulau Pinang tidak dapat mengutip apa jua hasil tambahan pada tahun 2010 dan 2011 kerana mesin pengimbas adalah terlalu dekat (lebih kurang 20 meter) dari pintu pelepasan. Keadaan ini menyebabkan pegawai Kastam mempunyai masa yang terhad untuk mengenal pasti imej dan membuat keputusan untuk menahan lori kontena (saiz kontena adalah 20 atau 40 meter panjang) yang bergerak perlahan melalui pintu pelepasan. Kedudukan mesin pengimbas yang tidak sesuai adalah seperti di gambar berikut:




GAMBAR 10.2

Stesen Pelabuhan Bagan Dalam, Pulau Pinang
- Jarak Mesin Pengimbas Dengan Pintu Pelepasan Dianggarkan 20m Sahaja (13.07.2011)

v. Hasil imej mesin pengimbas yang kurang jelas berlaku di beberapa stesen Kastam seperti di stesen Kastam di Pelabuhan Kontena Butterworth Utara, Pulau Pinang dan Klang Port Management, Pelabuhan Utara, Selangor. Kekaburan imej yang dipaparkan di skrin tidak dapat membantu pegawai Kastam mengenal pasti barang dagangan yang diimbas seperti ditunjukkan di gambar berikut:

GAMBAR 10.3
CONTOH IMEJ TIDAK JELAS DARI IMBASAN MESIN PENGIMBAS DI KLANG PORT MANAGEMENT, PELABUHAN UTARA



Sumber: Unit Mesin Pengimbas Stesen Kastam Selangor

vi. Mesin pengimbas kerap rosak seperti di stesen Kastam, Pelabuhan Kontena Butterworth Utara, Pulau Pinang dan KPM Pelabuhan Utara, Selangor. Contohnya adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 10.4



GAMBAR 10.5



Pelabuhan Kontena Butterworth Utara, Pulau Pinang - Stesen Mesin Pengimbas (12.07.2011)

vii. Penempatan mesin pengimbas juga tidak mengambil kira faktor kutipan hasil sesebuah stesen. Di Pulau Pinang, mesin pengimbas yang berimej jelas telah diletakkan di Pelabuhan Bagan Dalam, manakala Pelabuhan Kontena Butterworth Utara masih menggunakan mesin pengimbas lama yang tidak dapat menghasilkan imej yang jelas serta kerap rosak. Jika dibandingkan, lebih banyak barangan berduti diimport melalui Pelabuhan Kontena Butterworth Utara daripada Pelabuhan Bagan Dalam. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, sejumlah RM407.80 juta telah dikutip di Pelabuhan Kontena Butterworth Utara berbanding RM57.34 juta sahaja melalui Pelabuhan Bagan Dalam. Butirannya adalah seperti ditunjukkan di jadual berikut:

JADUAL 10.3
PERBANDINGAN KUTIPAN HASIL DI PELABUHAN KONTENA BUTTERWORTH UTARA DAN PELABUHAN BAGAN DALAM BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

STESEN KASTAM	KUTIPAN HASIL			JUMLAH (RM Juta)
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	
Pelabuhan Kontena Butterworth Utara	115.07	117.61	175.12	407.80
Pelabuhan Bagan Dalam	21.77	27.46	8.11	57.34

Sumber: Cawangan Teknologi Maklumat

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Mesin pengimbas yang imejnya kurang jelas adalah kerana faktor teknologi, usia dan jangka hayat yang mana melibatkan anggaran kos RM0.5 juta bagi mengganti sumber kuasa dan kos pelupusan ialah RM1.2 juta. Mesin pengimbas di 3 stesen iaitu Bukit Kayu Hitam, Kedah; Pelabuhan Kuantan; dan Padang Besar, Perlis adalah merupakan jenis portable yang mana fungsinya bagi tujuan penguatkuasaan. Di Pelabuhan Bagan Dalam, Pulau Pinang sebahagian besar adalah melibatkan pergerakan kontena bagi tujuan transhipment dan kontena kosong. Lokasi kurang strategik adalah kerana masalah ruang di pintu keluar pelabuhan. Kos untuk memindahkan mesin di antara NBCT dan BWTC dianggarkan berjumlah RM2.0 juta. Cadangan pemindahan ini tidak diambil memandangkan mesin di NBCT akan dilupuskan dan diganti dengan mesin pengimbas baru. Penyenggaraan mesin pengimbas dibuat secara berjadual bagi mengelakkan kerosakan.

Pada pendapat Audit, JKDM perlu memastikan semua mesin pengimbas boleh berfungsi dengan sempurna dan mempertimbangkan perolehan mesin pengimbas untuk stesen Kastam yang dikenal pasti sebagai stesen Kastam yang mempunyai pengimportan barangan kritikal.

10.5.2.3. Kawalan Selepas Pelepasan Barang Import Daripada Kawalan Kastam

Selepas pelepasan barangan import daripada kawalan Kastam, pihak Kastam masih boleh mengawal pengimportan barangan melalui verifikasi Borang K1, mengimbangkan manifes import dan menjalankan pengauditan pasca import. Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan selepas barangan import dilepaskan daripada kawalan Kastam dan mendapati perkara seperti berikut:

a. Verifikasi Borang K1

Verifikasi terhadap Borang K1 dibuat untuk memastikan kutipan hasil dipungut dengan tepat dan betul bagi mengelak kehilangan hasil selaras dengan kehendak Perintah Am Jabatan Bil. 77 Tahun 1996. Cawangan Verifikasi Dan Profiling akan menyemak semula semua borang pengikraran yang telah diproses selepas barangan import dilepaskan daripada kawalan Kastam. Sekiranya terdapat kesilapan (khususnya kod dan penjenisan), ianya akan dimaklumkan kepada pegawai penaksir untuk tindakan selanjutnya. Semakan Audit terhadap proses verifikasi oleh pegawai Kastam mendapati perkara seperti berikut:

i. Aktiviti verifikasi Borang K1 ada dilaksanakan di semua negeri kecuali Pulau Pinang, Terengganu dan KLIA.

ii. Berdasarkan laporan tahunan dari Cawangan Verifikasi Dan Profiling Ibu Pejabat, sebanyak 8,096 kuiri telah dikeluarkan hasil daripada semakan 5.36 juta borang pengikraran dan seterusnya berjaya mengesan kekurangan duti/cukai berjumlah RM51.09 juta untuk tempoh tahun 2009 hingga 2011. Bagaimanapun, hanya RM11.54 juta (22.6%) berjaya dipungut dan JKDM masih berusaha untuk mengutip balik baki kekurangan duti/cukai berjumlah RM39.55 juta. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.4
PRESTASI CAWANGAN VERIFIKASI DAN PROFILING
UNTUK TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

NEGERI	TAHUN	JUMLAH BORANG DISEMAK	BIL. KUIRI	KEKURANGAN DUTI/CUKAI DIKESAN (RM)	JUMLAH CUKAI DIPUNGUT (RM)
Johor	2009	793,394	636	2,608,357	596,145
	2010	784,090	521	2,078,882	963,257
	2011	307,636	331	2,079,989	1,652,171
Kedah	2009	41,264	45	52,381	202
	2010	266	53	148,122	202
	2011	106,448	9	234,347	610
Kelantan	2009	68,706	11	2,400	0
	2010	63,444	3	18	0
	2011	75,943	99	20,800	2,938
Melaka	2009	16,118	0	0	0
	2010	8,670	0	0	0
	2011	4,986	0	0	0
Negeri Sembilan	2009	23,748	32	339.3	100
	2010	30,334	17	30,295	5,797
	2011	34,916	41	125,513	161,740
Pahang	2009	8,137	15	1,381	173
	2010	9,456	19	2,342	0
	2011	8,778	19	329,102	1,831
PCKP, Singapura	2009	13,037	4	860	860
	2010	12,937	1	14	14
	2011	2,550	0	0	0
Perak	2009	3,004	0	0	0
	2010	4,606	0	0	0
	2011	8,160	0	0	0

NEGERI	TAHUN	JUMLAH BORANG DISEMAK	BIL. KUIRI	KEKURANGAN DUTI/CUKAI DIKESAN (RM)	JUMLAH CUKAI DIPUNGUT (RM)
Perlis	2009	46,515	0	0	0
	2010	61,796	0	0	0
	2011	TM	TM	TM	TM
Sabah	2009	61,535	0	0	416
	2010	43,389	31	230,892	45,702
	2011	32,347	23	52,644	1,042
Sarawak	2009	137,770	136	311,139	30,908
	2010	139,767	142	1,297,290	108,862
	2011	106,675	187	184,436	111,920
Selangor	2009	170,806	340	915,673	380,455
	2010	697,857	951	8,123,558	1,179,583
	2011	645,890	926	12,016,020	3,148,199
W.P. Kuala Lumpur	2009	445,689	727	1,555,380	583,856
	2010	11,744	0	0	238,422
	2011	58,329	175	1,084,296.73	1,167,407
W.P.Labuan	2009	129,129	788	5,642,761	379,466
	2010	100,481	1,400	9,688,157	485,228
	2011	36,242	414	2,276,089	288,347
JUMLAH		**5,356,589**	**8,096**	**51,093,478**	**11,535,853**

Sumber: ***Laporan Tahunan Cawangan Verifikasi Dan Profiling***
Nota: ***Jumlah Kutipan Tahun Semasa Adalah Termasuk Kutipan Bagi Tuntutan Tahun Sebelum***
TM - Tiada Maklumat

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Mulai tahun 2000, JKDM telah melaksanakan Perjanjian Penilaian di bawah WTO di mana penilaian ke atas dagangan import adalah berdasarkan prinsip transaction value yang dilaksanakan oleh Pasca Import. Mulai tahun 2002 aktiviti verifikasi borang kastam telah dimansuhkan. JKDM Negeri telah menubuhkan Unit Verifikasi dan Profiling untuk menjalankan tugas di bawah Custom Verification Initiative. Penubuhan Unit Verifikasi di Pulau Pinang, Terengganu dan KLIA akan dilaksanakan berdasarkan kepada peruntukan waran perjawatan.

Pada pendapat Audit, Cawangan Verifikasi Dan Profiling memainkan peranan penting untuk memastikan kutipan hasil dipungut dengan tepat dan betul. Oleh itu, aktiviti verifikasi seharusnya dilaksanakan di semua stesen Kastam dengan mewujudkan struktur organisasi yang jelas bagi menunjukkan fungsi dan tanggungjawabnya. Cawangan Verifikasi Dan Profiling perlu meningkatkan prestasi kutipan balik kekurangan duti/cukai yang dikesan.

b. Proses Pengimbangan Manifes Import

Manifes import adalah dokumen kawalan yang mengandungi keterangan mengenai kargo atau muatan yang hendak didaratkan atau dipindah daripada kapal/pesawat. Bahagian Manifes dikehendaki menyelaraskan barang dengan borang ikrar Kastam bagi memastikan duti Kastam tidak terlepas. Proses pengimbangan manifes import hendaklah diselesaikan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh ia didaftarkan. Di Zon Bebas, manifes import diserahkan kepada Pihak Berkuasa Zon untuk didaftarkan dan diimbangkan. Pihak JKDM perlu membuat pemantauan melalui salinan manifes yang diserahkan serta laporan pengimbangan manifes yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Zon. Semakan Audit terhadap proses pengimbangan manifes import mendapati perkara seperti berikut:

i. Stesen Kastam Pelabuhan Kemaman dan Pangkalan Bekalan Kemaman Terengganu serta Pelabuhan Kuantan, Pahang tidak melaksanakan tugas pengimbangan manifes.

ii. Pengimbangan manifes lewat dibuat (melebihi 4 bulan) oleh pegawai Kastam di Stesen Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (SAAS), Subang. Sehingga bulan Julai 2011, pengimbangan hanya selesai dijalankan bagi bulan Disember 2010. Kelewatan ini disebabkan imbangan manifes dibuat secara manual dan kelewatan menerima maklum balas daripada ejen penerbangan bagi tujuan pelarasan.

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Pengimbangan manifes telah dibuat di kedua-dua pelabuhan di JKDM, Terengganu. Di JKDM, Pahang, pengimbangan manifes telah mula dilakukan mulai bulan April 2012. JKDM akan mengambil inisiatif menambah dan menempatkan pegawai yang khusus untuk menyelesaikan tunggakan pengimbangan di Stesen Lapangan Terbang SAAS Subang. Cawangan Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat akan menambah modul e-manifest bagi mod udara.

Pada pendapat Audit, pengimbangan manifes yang tidak/lewat dilakukan boleh mengakibatkan pihak Kastam tidak dapat mengawal selia barang dagangan yang dibawa keluar daripada kawasan pelabuhan.

c. Pengauditan Pasca Import

Cawangan Pasca Import telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Januari 2001 selaras dengan pelaksanaan penilaian kastam di bawah perjanjian *World Trade Organization* (WTO). Cawangan ini bertanggungjawab melaksanakan pengauditan pasca import dengan membuat lawatan ke premis pengimport untuk menyemak semula pengikraran yang dibuat oleh syarikat. Perintah Tetap Kastam (PTK) Bil. 68 menetapkan tanggungjawab Cawangan Pasca Import Negeri menyediakan Jadual Pemeriksaan setiap tahun. Selain daripada program yang dirancang oleh negeri, arahan pengauditan secara *ad-hoc* oleh Ibu Pejabat turut akan dilaksanakan. Semakan Audit terhadap prestasi pengauditan oleh Cawangan Pasca Import mendapati perkara seperti berikut:

i. Mengikut Jadual Pemeriksaan Pasca Import, sebanyak 4,006 fail/syarikat dirancang untuk pengauditan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011. Bilangan fail/syarikat yang dirancang setiap tahun adalah berdasarkan bilangan kakitangan yang sedia ada di Cawangan Pasca Import negeri berkenaan. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.5
JADUAL PEMERIKSAAN PASCA IMPORT MENGIKUT NEGERI
UNTUK TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011

NEGERI	BIL. FAIL/SYARIKAT				JUMLAH
	2008	2009	2010	2011	
Johor	66	153	142	138	499
Kedah	15	48	22	25	110
Kelantan	13	48	35	49	145
KLIA	-	86	-	-	86
Melaka	17	48	14	19	98
Negeri Sembilan	32	48	14	43	137
Pahang	10	24	6	35	75
Perak	28	96	72	60	256

NEGERI	BIL. FAIL/SYARIKAT				JUMLAH
	2008	2009	2010	2011	
Perlis	10	48	24	24	106
Pulau Pinang	61	189	110	81	441
Sabah	14	71	22	70	177
Sarawak	46	85	45	46	222
Selangor	120	235	100	75	530
Terengganu	8	24	24	24	80
W.P. Kuala Lumpur	255	309	247	233	1,044
JUMLAH	**695**	**1,512**	**877**	**922**	**4,006**

Sumber: Cawangan Pasca Import Ibu Pejabat

ii. Setakat bulan Januari 2011, bilangan pengimport berdaftar di seluruh negara adalah sebanyak 48,028 syarikat. Dengan purata sebanyak 1,002 fail/syarikat yang dirancang untuk diaudit setiap tahun, Cawangan Pasca Import akan mengambil masa selama 48 tahun untuk menyiapkan pengauditan terhadap kesemua pengimport yang berdaftar.

iii. Analisis beban tugas setiap pegawai di Cawangan Pasca Import mendapati JKDM Labuan yang mempunyai 61 pengimport berdaftar tetapi tidak mempunyai pegawai Audit yang ditugaskan untuk pengauditan pasca. Oleh itu, pengauditan pasca import dijalankan oleh pegawai pengauditan syarikat. Manakala nisbah seorang pegawai berbanding bilangan pengimport adalah antara 1,842 untuk Selangor dan 4 untuk Terengganu. Purata nisbah pegawai berbanding bilangan pengimport adalah 1:624. Ini menunjukkan bahawa beban tugas pegawai pasca import adalah tinggi. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.6
PERBANDINGAN ANTARA BILANGAN PEGAWAI AUDIT
DAN BILANGAN PENGIMPORT SETAKAT BULAN JANUARI 2011

NEGERI	BIL. PEGAWAI AUDIT CAWANGAN PASCA IMPORT*	BIL. PENGIMPORT	NISBAH (PEGAWAI/SYARIKAT)
Johor	9	13,636	1:1,515
Kedah	1	193	1:193
Kelantan	2	115	1:58
Melaka	1	178	1:178
Negeri Sembilan	3	19	1:6
Pahang	1	104	1:104
Perak	7	207	1:30
Perlis	1	181	1:181
Pulau Pinang	9	4,230	1:470
Sabah	6	1,265	1:211
Sarawak	8	1,599	1:200
Selangor	11	20,258	1:1,842
Terengganu	3	12	1:4
W. P. Kuala Lumpur	15	5,970	1:398
W.P. Labuan	0	61	-
JUMLAH	**77**	**48,028**	**1:624**

Sumber: Maklumat Cawangan Pasca Import
Nota: (*) - Pegawai Gred W41 Dan Ke Atas

iv. Secara keseluruhannya, Cawangan Pasca Import di semua negeri tidak dapat melaksanakan sepenuhnya pengauditan syarikat yang dirancang. Pencapaian berbanding sasaran hanya pada kadar 50.1% pada tahun 2008, 77.3% pada tahun 2010 dan 74.1% pada tahun 2011. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.7
PENCAPAIAN PRESTASI CAWANGAN PASCA IMPORT
SELURUH NEGARA BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011

BIL. FAIL	TAHUN			
	2008	2009	2010	2011
Dirancang	695	1,512	877	922
Diaudit	348	604	678	683
Pencapaian (%)	50.1	39.9	77.3	74.1

Sumber: Laporan Tahunan JKDM 2008, 2009 & 2010 Dan Laporan Cawangan Pasca Import 2011

v. Prestasi Cawangan Pasca Import dalam mengesan dan mengeluarkan bil tuntutan (*Bill of Demand* - BOD) adalah baik di mana BOD bernilai RM78.45 juta telah dikeluarkan kepada syarikat/pengimport terlibat untuk tempoh tahun 2009 hingga 2011. Pada tahun 2009, nilai BOD hanya berjumlah RM13.28 juta dan ia telah meningkat kepada RM33.47 juta (152%) pada tahun 2010. Bagaimanapun, nilai BOD telah berkurangan kepada RM31.70 juta (-5.3%) pada tahun 2011. Prestasi BOD bagi tempoh tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.8
NILAI *BILL OF DEMAND* YANG DIKELUARKAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	2009	2010	2011	JUMLAH
Nilai *Bill Of Demand* (RM Juta)	13.28	33.47	31.70	78.45
Peningkatan / (Penurunan) (%)	-	152.0	(5.3)	-

Sumber: Laporan Tahunan JKDM 2009 & 2010 Dan Laporan Cawangan Pasca Import 2011

vi. Walaupun prestasi pengeluaran BOD adalah baik, namun prestasi kutipan balik baki kekurangan duti/cukai adalah kurang memuaskan di mana kutipan balik untuk tempoh tahun 2009 hingga 2011 hanya berjumlah RM31.08 juta (39.6%) sahaja. Ini bermakna bagi tempoh tersebut, baki yang belum dikutip balik adalah berjumlah RM47.37 juta. Sehubungan itu, JKDM sedang berusaha untuk mengutip balik baki kekurangan duti/cukai tersebut. Jumlah duti/cukai yang dipungut hasil daripada BOD adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.9
JUMLAH DUTI/CUKAI DIPUNGUT MENGIKUT NEGERI
UNTUK TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

NEGERI	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	JUMLAH (RM)
Johor	1,175,794	1,176,122	1,390,003	3,741,919
Kedah	26,834	36,411	78,055	141,300
Kelantan	9,279	22,467	80,343	112,089
Melaka	-	-	750,481	750,481
Negeri Sembilan	191,858	90,521	101,034	383,413
Pahang	-	31,500	1,552	33,052
Perak	83,195	158,353	249,330	490,878
Perlis	1,797	18,089	5,394	25,280
Pulau Pinang	1,321,015	1,637,867	1,111,739	4,070,621
Sabah	3,107,097	2,004,677	1,253,311	6,365,085
Sarawak	567,597	273,276	375,142	1,216,015
Selangor	2,422,973	893,100	3,915,355	7,231,428
Terengganu	-	166,855	346,539	513,394
W.P. Kuala Lumpur	1,490,086	2,082,097	2,437,135	6,009,318
JUMLAH	**10,397,525**	**8,591,335**	**12,095,413**	**31,084,273**

Sumber: Cawangan Pasca Import Ibu Pejabat
Nota: Jumlah Kutipan Tahun Semasa Termasuk Tuntutan Kutipan Tahun Sebelum

vii. Seksyen 100A Akta Kastam 1967 menetapkan pihak pengimport harus menyimpan dokumen yang berkaitan barangan yang diimport sehingga 6 tahun. Namun Seksyen 17 Akta yang sama menetapkan tuntutan kekurangan bayaran duti hanya boleh dituntut dalam tempoh 3 tahun dari tarikh duti kastam kena dibayar. Kekangan masa tersebut telah mengehadkan aktiviti pengauditan pasca import untuk menuntut kekurangan cukai yang dikesan melebihi tempoh tersebut.

viii. Pemantauan oleh Ibu Pejabat JKDM terhadap aktiviti Pasca Import di negeri adalah berdasarkan laporan pengauditan bulanan dan tahunan yang diterima secara manual. Walaupun modul Pasca Import dalam SMK telah dibangunkan, namun ia tidak digunakan sebagai medium pelaporan. Ini menyebabkan maklumat pengauditan terhadap syarikat tidak dapat dikongsi antara negeri.

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Pengauditan pasca import adalah berasaskan penarafan risiko terhadap syarikat. Oleh itu, bukan semua syarikat pengimport perlu diaudit. Cawangan Pasca Import Negeri Melaka telah diwujudkan pada tahun 2002 tetapi perjawatan Pegawai Audit mula diisi pada tahun 2012. Di Wilayah Persekutuan Labuan, Cawangan Pasca Import digabungkan dengan Cawangan Auditan Syarikat di bawah Bahagian Pematuhan. Pengauditan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana pegawai diarahkan untuk melaksanakan pengauditan di bawah operasi khas oleh Ibu Pejabat dan kompleksiti sesuatu kes menyebabkan Pegawai Audit memerlukan lebih banyak masa untuk menyelesaikan pengauditan. Bagi mengutip BOD, tindakan berterusan sedang diambil seperti tindakan mahkamah, gesaan, senarai hitam dan bayaran secara ansuran. JKDM akan mengemukakan pandangan Audit kepada pihak Perbendaharaan bagi tuntutan melebihi tempoh 3 tahun bagi tujuan keputusan dasar.

Pada pendapat Audit, Cawangan Pasca Import memainkan peranan yang amat penting untuk meningkatkan hasil negara dan seharusnya diperkasakan serta meningkatkan prestasi kutipan balik duti/cukai. Selain itu, JKDM perlu mempertimbangkan untuk meminda akta supaya kekurangan bayaran duti masih boleh dituntut dalam tempoh 6 tahun.

10.6. SYOR AUDIT

Bagi memperkemaskan lagi pengurusan taksiran duti import supaya dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, adalah disyorkan supaya JKDM memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap perkara seperti berikut:

10.6.1. Memastikan borang kastam selepas didaftar hanya dikendalikan oleh pegawai yang bertanggungjawab dan melaksanakan aktiviti penyeliaan, pemantauan serta mengambil tindakan tegas terhadap stesen Kastam yang masih membenarkan agen penghantaran membawa sendiri borang ikrar dan dokumen yang telah didaftarkan untuk urusan selanjutnya.

10.6.2. Memastikan semua mesin pengimbas boleh berfungsi dengan sempurna serta mempertimbangkan perolehan mesin pengimbas baru untuk semua stesen Kastam yang dikenal pasti sebagai stesen Kastam yang mempunyai pengimportan barangan kritikal.

10.6.3. Mewujudkan Cawangan Verifikasi Dan Profiling di semua stesen Kastam yang kritikal dan meningkatkan prestasi kutipan balik kekurangan duti/cukai yang dikesan.

10.6.4. Memastikan pengimbangan manifes dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan supaya setiap barangan yang dibawa masuk dapat dikawal dengan sempurna.

10.6.5. Memperkasakan Cawangan Pasca Import dan mempertingkatkan prestasi kutipan balik duti/cukai yang dikenal pasti.

10.6.6. Mempertimbangkan untuk meminda akta supaya kekurangan bayaran duti masih boleh dituntut dalam tempoh 6 tahun.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 86-91
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN KEWANGAN

11. JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
- PENGURUSAN KUARTERS

11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah menyediakan kemudahan perumahan (kuarters jabatan) bagi membolehkan kakitangannya sentiasa berada berdekatan dengan pejabat setiap masa. Selain itu, ia dapat mengurangkan beban kewangan terutamanya kepada kakitangan JKDM yang berpendapatan rendah di samping dapat menjaga kebajikan dan memupuk semangat kerjasama di kalangan warga jabatan. Penyediaan jenis kuarters JKDM dilaksanakan mengikut pangkat dan kelayakan seperti yang ditetapkan dalam Perintah Am - Bab E (Rumah dan Bangunan Pejabat).

11.1.2. JKDM telah membelanjakan sejumlah RM43.56 juta daripada peruntukan mengurus bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 untuk menjalankan kerja penyenggaraan/pembaikan kuarters jabatan seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.1
PERBELANJAAN PENYENGGARAAN KUARTERS JKDM
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	KOS PENYENGGARAAN (RM Juta)
2009	10.73
2010	15.70
2011	17.13
JUMLAH	**43.56**

11.1.3. Sehingga akhir tahun 2011, JKDM memiliki 6,320 kuarters jabatan pelbagai kelas yang telah siap untuk diduduki di seluruh negara. Kedudukan kuarters JKDM mengikut negeri dan kelas adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.2
KEDUDUKAN KUARTERS JKDM MENGIKUT NEGERI
DAN KELAS SEHINGGA AKHIR TAHUN 2011

NEGERI	KELAS KUARTERS												JUMLAH KUARTERS (Unit)
	A	B	C1/C2	C	D	D/E	E	F	F/G	G	H	I	
Selangor	1	1	-	18	198	-	14	34	-	762	-	-	1,028
Johor	-	-	-	10	34	24	116	25	88	630	89	-	1,016
Pulau Pinang	-	1	7	35	137	-	74	60	-	591	64	-	969
Kuala Lumpur	-	1	4	30	156	-	60	80	-	408	24	-	763
Sarawak	-	2	-	3	41	22	14	111	-	298	-	-	491
Kedah	-	-	-	6	26	8	12	29	73	216	48	5	423
Sabah	-	-	-	2	-	-	29	104	-	244	24	-	403
Perlis	-	-	-	2	24	-	10	64	-	194	12	-	306
Kelantan	-	-	-	4	22	-	2	20	-	175	-	-	223
Perak	-	-	-	-	3	-	28	53	-	125	4	-	213
Pahang	-	-	-	6	20	-	18	-	53	13	-	-	110
Labuan	-	-	-	2	4	-	-	14	-	56	24	-	100

NEGERI	KELAS KUARTERS												JUMLAH KUARTERS (Unit)
	A	B	C1/C2	C	D	D/E	E	F	F/G	G	H	I	
Negeri Sembilan	-	-	-	-	3	-	10	24	-	54	4	-	95
Terengganu	-	-	-	3	22	-	-	9	-	60	-	-	94
Melaka	-	-	-	16	12	-	4	46	-	8	-	-	86
JUMLAH	**1**	**5**	**11**	**137**	**702**	**54**	**391**	**673**	**214**	**3,834**	**293**	**5**	**6,320**

11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada kuarters Jabatan Kastam Diraja Malaysia diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

11.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan terhadap pengurusan kuarters JKDM bagi tempoh tahun 2009 hingga bulan Julai 2011. Skop pengauditan merangkumi Ibu Pejabat JKDM dan 5 cawangan negeri iaitu Kedah, Kelantan, Pulau Pinang, Sabah dan Selangor. Sebanyak 2,876 unit kuarters iaitu 45.5% daripada jumlah keseluruhan kuarters JKDM di 31 lokasi yang dipilih sebagai sampel audit adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.3
LOKASI KUARTERS JKDM YANG DILAWATI

KUARTERS		NEGERI
LOKASI	UNIT	
Jalan Pegawai, Alor Setar	20	Kedah
Kampung Kastam Taman Tunku Yaacob, Alor Setar	53	
Taman Seri Temin, Bukit Kayu Hitam	59	
Perumahan Kastam, Bukit Kayu Hitam	49	
Perumahan Kastam Changlun	14	
Kampung Kastam Kuah, Langkawi	79	
Kampung Kastam Batu Asah, Langkawi	85	
Perumahan Kastam Desa Kujid, Kota Bharu	63	Kelantan
Taman Perumahan Kastam, Pengkalan Kubor	20	
Kampung Kastam Bukit Bunga, Tanah Merah	25	
Kampung Kastam Rantau Panjang	45	
Taman Kastam Gual Nering, Rantau Panjang	70	
Perumahan Kastam Bukit Gelugor	307	Pulau Pinang
Kampung Kastam Bukit Gelugor	114	
Pangsapuri Kastam Bayan Baru	80	
Jalan Baru Perai	104	
Taman Perai Indah	80	
Jalan Heah Seng Hwatt	12	
Kampung Kastam Bagan Jermal	272	
Perumahan Kastam Sepanggar, Kota Kinabalu	144	Sabah
Taman Berkeley, Tawau	12	
Taman Ria 10, Tawau	8	
Taman Ria 11, Tawau	41	
Rumah Pangsa, Tawau	24	
Taman Fajar, Sandakan	27	
Jalan Utara, Sandakan	25	
Kg. Forest, Sandakan	16	

KUARTERS		NEGERI
LOKASI	UNIT	
Perumahan Kampung Jawa	102	Selangor
Perumahan Kastam, Pulau Indah	358	
Kampung Kastam	388	
Perumahan Kastam Bandar Sultan Sulaiman	180	
JUMLAH	2,876	

11.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan rekod dan dokumen, testimoni melalui temu bual, analisis terhadap data dan pemeriksaan fizikal terhadap kuarters jabatan.

11.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga Ogos 2011 mendapati kemudahan kuarters jabatan yang disediakan untuk 10,832 (58.3%) kakitangan JKDM tidak mencapai objektif yang ditetapkan di mana 2,000 (31.6%) daripada 6,320 kuarters jabatan tidak diduduki setakat bulan Disember 2011. Antaranya ialah 33 unit tidak pernah diduduki sejak ia siap dibina pada tahun 2000. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan kuarters jabatan seperti berikut:

i. tiada tindakan diambil terhadap penghuni yang keluar daripada kuarters jabatan walaupun mereka meninggalkan kuarters jabatan dalam keadaan yang tidak terurus dan bersepah;
ii. terdapat kuarters jabatan yang rosak tidak dibaiki atau tiada penyenggaraan pencegahan disebabkan tiada peruntukan khusus; dan
iii. kelemahan penguatkuasaan untuk mengutip balik tunggakan sewa kuarters serta tiada pemantauan terhadap Jawatankuasa Perumahan peringkat negeri supaya bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan dan melaporkan perkara yang dibincangkan.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang ditemui serta maklum balas JKDM adalah seperti berikut:

11.5.1. Prestasi Pengurusan Kuarters Jabatan

11.5.1.1. Bilangan Kuarters Jabatan Berbanding Jumlah Perjawatan

Sehingga akhir tahun 2011, JKDM mempunyai 10,832 jawatan yang telah diluluskan dan memiliki 6,320 kuarters jabatan di seluruh negara. Ini bermakna 58.3% daripada jumlah perjawatan telah disediakan kemudahan kuarters jabatan. Secara keseluruhannya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai peratusan kuarters jabatan yang paling tinggi iaitu 96.6% berbanding perjawatan yang diluluskan, manakala negeri Perak pula mempunyai peratusan kuarters jabatan yang paling rendah iaitu hanya 34.9% sahaja. Bilangan kuarters jabatan berbanding jumlah perjawatan yang diluluskan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.4
BILANGAN KUARTERS JABATAN BERBANDING
JUMLAH PERJAWATAN YANG DILULUSKAN

NEGERI	PERJAWATAN YANG DILULUSKAN	BILANGAN KUARTERS	PERATUSAN (%)
WP Kuala Lumpur	790	763	96.6
Perlis	340	306	90.0

NEGERI	PERJAWATAN YANG DILULUSKAN	BILANGAN KUARTERS	PERATUSAN (%)
Pulau Pinang	1,213	969	79.9
Labuan	125	100	80.0
Selangor	1,353	1,028	76.0
Kedah	628	423	67.4
Kelantan	449	223	49.7
Terengganu	195	94	48.2
Johor	2,279	1,016	44.6
Sabah	910	403	44.3
Sarawak	1,197	491	41.0
Negeri Sembilan	234	95	40.6
Pahang	277	110	39.7
Melaka	231	86	37.2
Perak	611	213	34.9
JUMLAH	**10,832**	**6,320**	**58.3**

11.5.1.2. Kuarters Jabatan Yang Tidak Diduduki

a. Perintah Am Bab E menetapkan sekiranya Kerajaan ada menyediakan rumah kediaman yang berhampiran dengan tempat bertugas pegawai dengan tujuan supaya mereka tinggal di situ atau Kerajaan mendirikan rumah khas untuk sesebuah Jabatan, maka Ketua Jabatan boleh menghendaki seseorang pegawai itu tinggal di rumah tersebut jika ini adalah untuk kepentingan perkhidmatan. Selain itu, Perintah Am tersebut juga menetapkan bahawa sekiranya Kerajaan telah sedia ada mempunyai rumah kediaman yang kosong, pegawai yang bekerja dalam kawasan tersebut adalah layak memohon untuk menduduki rumah tersebut mengikut peraturan dan syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.

b. Analisis Audit mendapati 2,000 (31.6%) daripada 6,320 kuarters jabatan tidak diduduki setakat bulan Disember 2011. Berdasarkan analisis, JKDM Negeri Sembilan mempunyai peratusan kuarters jabatan tidak diduduki yang paling tinggi, iaitu 67.4% manakala peratusan kuarters jabatan yang tidak diduduki yang paling rendah, iaitu 13.9% berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Antara sebab kuarters jabatan tidak diduduki adalah sejajar dengan perkembangan sosio ekonomi dan juga apabila Kerajaan meluluskan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Elaun Sara Hidup (COLA), pegawai lebih berminat tinggal di luar atau membeli rumah sendiri; kuarters jabatan yang sedia ada uzur, rosak atau usang dan tidak selamat diduduki. Butiran lanjut kuarters jabatan yang tidak diduduki di setiap negeri adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.5
KUARTERS JABATAN YANG TIDAK DIDUDUKI MENGIKUT NEGERI
SETAKAT BULAN DISEMBER 2011

NEGERI	KUARTERS JABATAN				JUMLAH
	DIDUDUKI		KOSONG		
	BIL.	(%)	BIL.	(%)	
Negeri Sembilan	31	32.6	64	67.4	95
Perlis	149	48.7	157	51.3	306
Kelantan	118	52.9	105	47.1	223
Melaka	48	55.8	38	44.2	86
Johor	616	60.6	400	39.4	1,016
Pulau Pinang	615	66.9	354	33.1	969

NEGERI	KUARTERS JABATAN				JUMLAH
	DIDUDUKI		KOSONG		
	BIL.	(%)	BIL.	(%)	
Perak	147	69.0	66	31.0	213
Sabah	287	71.2	116	28.8	403
Pahang	79	71.8	31	28.2	110
Kedah	304	71.9	119	28.1	423
Selangor	747	72.7	281	27.3	1,028
Sarawak	371	75.6	120	24.4	491
Labuan	77	77.0	23	23.0	100
Terengganu	74	78.7	20	21.3	94
Kuala Lumpur	657	86.1	106	13.9	763
JUMLAH	**4,320**	**68.4**	**2,000**	**31.6**	**6,320**

c. Memandangkan permintaan pegawai JKDM untuk menduduki kuarters jabatan adalah rendah, JKDM telah memberi peluang kepada pegawai daripada jabatan/agensi Kerajaan lain untuk menduduki kuarters jabatannya. Semakan Audit mendapati seramai 24 pesara dan 294 pegawai daripada jabatan/agensi Kerajaan lain telah menduduki kuarters jabatan setakat bulan Disember 2011. Berdasarkan analisis, negeri Kedah mempunyai peratusan penghuni yang bukan pegawai JKDM yang paling tinggi, iaitu 31.9% manakala negeri Terengganu, Melaka, Negeri Sembilan dan Sabah tidak mempunyai penghuni yang bukan pegawai JKDM. Komposisi penghuni kuarters jabatan setakat bulan Disember 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.6
KOMPOSISI PENGHUNI KUARTERS JABATAN SETAKAT BULAN DISEMBER 2011

NEGERI	KUARTERS JABATAN DIDUDUKI						
	PEGAWAI JKDM	(%)	SELAIN PEGAWAI JKDM			(%)	JUMLAH
			AGENSI LAIN	PESARA	JUMLAH		
Kedah	207	68.1	94	3	97	31.9	304
Perlis	128	85.9	21	-	21	14.1	149
Kuala Lumpur	576	87.7	81	-	81	12.3	657
Sarawak	337	90.8	34	-	34	9.2	371
Perak	134	91.2	13	-	13	8.8	147
Kelantan	108	91.5	10	-	10	8.5	118
Pulau Pinang	574	93.3	20	21	41	6.7	615
Pahang	77	97.5	2	-	2	2.5	79
Selangor	733	98.1	14	-	14	1.9	747
Labuan	76	98.7	1	-	1	1.3	77
Johor	612	99.4	4	-	4	0.6	616
Terengganu	74	100.0	-	-	-	-	74
Melaka	48	100.0	-	-	-	-	48
Negeri Sembilan	31	100.0	-	-	-	-	31
Sabah	287	100.0	-	-	-	-	287
JUMLAH	**4,002**	**92.6**	**294**	**24**	**318**	**7.4**	**4,320**

d. Setakat bulan Disember 2011, daripada 2,000 kuarters jabatan yang tidak diduduki di seluruh negara, semakan Audit terhadap 975 kuarters jabatan di 31 lokasi yang dipilih sebagai sampel mendapati 79 unit kuarters (8.1%) tidak diduduki melebihi 10 tahun; 58 unit kuarters (5.9%) untuk tempoh 6 hingga 10 tahun; 569 unit kuarters

(58.4%) untuk tempoh 1 hingga 5 tahun; dan 103 unit kuarters (10.6%) untuk tempoh kurang daripada satu tahun. Manakala maklumat tempoh kuarters jabatan tidak diduduki tidak diperolehi untuk baki 166 unit kuarters. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.7
TEMPOH KUARTERS JABATAN TIDAK DIDUDUKI MENGIKUT LOKASI
SETAKAT BULAN DISEMBER 2011

NEGERI	TEMPOH TIDAK DIDUDUKI (Tahun)					UNIT KUARTERS TIDAK DIDUDUKI
	< 1	1 - 5	6 - 10	> 10	TM	
Pulau Pinang	30	324	-	-	-	354
Selangor	54	105	55	67	-	281
Sabah	5	82	2	-	27	116
Kedah	4	45	1	12	57	119
Kelantan	10	13	-	-	82	105
JUMLAH	**103**	**569**	**58**	**79**	**166**	**975**

Nota: ***TM - Tiada Maklumat Tempoh Tidak Diduduki***


Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

Pengisian kuarters adalah bergantung kepada permohonan dan minat pegawai untuk menduduki kuarters.

e. Lawatan Audit ke beberapa unit kuarters yang tidak diduduki mendapati perkara berikut:

i. Sebanyak 33 unit kuarters di Perumahan Kastam, Pulau Indah, Selangor tidak pernah diduduki sejak ia siap dibina pada tahun 2000. Antaranya ialah 28 unit yang berada di tingkat 5, iaitu 6 di Blok Belatuk; 5 di Blok Serindit; 4 di Blok Kedidi, Merbah dan Tekukur; 2 di Blok Punai dan Camar; manakala satu di Blok Merpati. Ini disebabkan perumahan Kastam tersebut mempunyai banyak kuarters jabatan yang kosong dan merupakan rumah pangsa yang tidak mempunyai lif. Oleh itu, tiada pegawai yang berminat untuk memilih tingkat 5 (tingkat teratas) apabila ditawarkan kemudahan kuarters jabatan. Lawatan Audit pada 13 Julai 2011 mendapati bumbung kuarters jabatan yang berkenaan telah menjadi sarang burung merpati dan keadaan unit kuarters adalah tidak terurus dan mengalami kerosakan. Bagaimanapun, kuarters tersebut sedang dalam proses pembaikan. Baki 5 unit kuarters lagi merupakan 4 di tingkat lain dan satu rumah teres. Keadaan 2 unit kuarters yang tidak diduduki selama 11 tahun semasa lawatan Audit adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 11.1 **GAMBAR 11.2**



Blok Tekukur Perumahan Kastam, Pulau Indah, Selangor
- Bahagian Bumbung Menjadi Sarang Merpati
(13.07.2011)

GAMBAR 11.3




GAMBAR 11.4



Unit 3-4, Blok Tekukur Perumahan Kastam, Pulau Indah, Selangor
- Keadaan Siling Dan Lantai Yang Rosak
(13.07.2011)

GAMBAR 11.5



GAMBAR 11.6



Unit 3-4, Blok Tekukur Perumahan Kastam, Pulau Indah, Selangor
- Terdapat Bangkai Burung Di Bahagian Ruang Tamu
(13.07.2011)

GAMBAR 11.7



GAMBAR 11.8



Unit 3-4, Blok Tekukur Perumahan Kastam, Pulau Indah, Selangor
- Bahagian Tandas Kotor Dan Rosak
(13.07.2011)

GAMBAR 11.9



GAMBAR 11.10



Unit 4-4, Blok Tekukur Perumahan Kastam, Pulau Indah, Selangor
- Keadaan Siling Dan Lantai Kuarters
(13.07.2011)

ii. Unit 13-6 Blok AKG, Perumahan Kastam Bukit Gelugor, Pulau Pinang digunakan untuk menempatkan satu tangki air. Penempatan tangki air ini telah mengakibatkan berlaku keretakan lantai dan masalah tangki air yang bocor di unit tersebut telah mengakibatkan kebocoran air di siling Unit 12-6, Blok AKG yang seterusnya menyebabkan Unit 12-6 tidak diduduki. Keadaan di kedua-dua unit Blok AKG adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 11.11



Unit 13-6, Blok AKG, Perumahan Kastam Bukit Gelugor, Pulau Pinang
- Tangki Air Tambahan Dalam Kuarters
(27.07.2011)

GAMBAR 11.12



Unit 13-6, Blok AKG, Perumahan Kastam Bukit Gelugor, Pulau Pinang
- Bahagian Lantai Yang Retak
(27.07.2011)

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

Pihak perunding projek telah dipanggil pada 6 April 2012 untuk membincang status pembaikan kecatatan dan telah mencapai persetujuan untuk melantik pihak ketiga untuk melaksanakan kerja pembaikan. Anggaran pembaikan berjumlah RM800,000 telah dipohon kepada pihak Kementerian Kewangan rujukan surat KE.HW(84)655/12-135/Klt.13(13).

iii. Sebanyak 60 unit kuarters di 2 blok (ABID 2 dan ABID 3), Kompleks Perumahan Kastam Sepanggar, Kota Kinabalu tidak dikuduki untuk tempoh satu tahun, iaitu sejak kedua-dua blok tersebut diisytiharkan tidak selamat dikuduki oleh pihak JKR Malaysia pada bulan Oktober 2010 kerana struktur bangunannya rosak. Kedua-dua blok yang tidak selamat dikuduki adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 11.13



GAMBAR 11.14



ABID 2, Kompleks Perumahan Kastam Sepanggar, Kota Kinabalu
- Bangunan Yang Tidak Selamat Dikuduki
(13.01.2012)

GAMBAR 11.15



GAMBAR 11.16



ABID 3, Kompleks Perumahan Kastam Sepanggar, Kota Kinabalu
- Bangunan Yang Tidak Selamat Dikuduki
(13.01.2012)

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

Permohonan telah dibuat kepada Kementerian Kewangan supaya Kompleks Perumahan Kastam Sepanggar dibangunkan semula. Perkara ini sedang dalam pertimbangan pihak Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan Kementerian Kewangan untuk pembangunan di bawah Private Financial Initiative (PFI).

iv. Sebanyak 10 unit kuarters jabatan di Perumahan Changlun, Kedah tidak selamat dididuduki kerana struktur rumah mengalami kerosakan dan diserang anai-anai. Keadaan kuarters jabatan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 11.17



Perumahan Changlun, Kedah
- Bumbung Kuarters Yang Tidak Stabil
(08.08.2011)

GAMBAR 11.18



Perumahan Changlun, Kedah
- Bahagian Siling Dan Bumbung Dirosakkan Oleh Anai-anai
(08.08.2011)

GAMBAR 11.19



GAMBAR 11.20



Perumahan Changlun, Kedah
- Keadaan Bumbung Yang Dirosakkan Oleh Anai-anai
(08.08.2011)

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

Permohonan telah dihantar kepada Jurutera Jabatan Kerja Raya pada 2 Mei 2012 untuk membuat pemeriksaan dan penilaian sama ada perumahan tersebut perlu dilupuskan kerana tidak sesuai dan terlalu lama.

v. Sebanyak 6 unit kuarters jabatan kelas H di Perumahan Bukit Kayu Hitam, Kedah tidak dididuduki sejak tahun 1995 kerana terlalu usang dan tidak sesuai untuk dididuduki. Keadaan kuarters tersebut adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 11.21

Perumahan Bukit Kayu Hitam, Kedah
- Keadaan Kuarters Lama Yang Telah Usang
(08.08.2011)

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

Cadangan telah dikemukakan kepada JKR supaya rumah tersebut dilupuskan dan dibangunkan dengan projek pembangunan yang bersesuaian.

vi. Sebanyak 10 unit kuarters jabatan di Perumahan Kastam Sepanggar, Kota Kinabalu, Sabah tidak dididuki sejak tahun 2009 lagi kerana mengalami kerosakan dan tidak sesuai untuk dididuki. Keadaan kuarters tersebut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 11.22



GAMBAR 11.23



Perumahan Kastam Sepanggar, Kota Kinabalu
- Bahagian Dalam Dan Dinding Kuarters Yang Ditinggalkan
(13.01.2012)

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

Permohonan telah dibuat kepada Kementerian Kewangan supaya Kompleks Perumahan Kastam Sepanggar dibangunkan semula. Perkara ini sedang dalam pertimbangan pihak UKAS dan Kementerian Kewangan untuk pembangunan di bawah Private Financial Initiative (PFI).

Pada pendapat Audit, penyediaan kemudahan kuarters jabatan untuk 58.3% kakitangan JKDM tidak mencapai objektif dengan sepenuhnya kerana sebanyak 2,000 (31.6%) daripada 6,320 kuarters jabatan tidak dididuki setakat bulan Disember 2011. Antaranya ialah 33 unit kuarters tidak pernah dididuki sejak ia siap dibina pada tahun 2000. Bagaimanapun, kuarters jabatan yang dibenarkan untuk dididuki oleh anggota kementerian/jabatan lain adalah suatu tindakan sementara yang baik.

11.5.2. Pengurusan Kuarters Jabatan

11.5.2.1. Kawalan Umum

a. Mengikut Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2009 (Manual Pengurusan Aset Menyeluruh Kerajaan), setiap agensi Kerajaan adalah bertanggungjawab melaksanakan pengurusan dan penyenggaraan aset masing-masing mengikut pekeliling-pekeliling dan arahan Kerajaan yang ditetapkan. Sehubungan ini, agensi hendaklah melantik Pengurus Aset yang berperanan sebagai wakil pemilik aset dalam pelaksanaan Pengurusan Aset Menyeluruh. Pengurus Aset hendaklah melantik pengendali aset untuk melaksanakan kerja-kerja operasi dan penyenggaraan aset sama ada menggunakan tenaga jabatan atau sumber luaran. Selain itu, Perintah Am Bab E menetapkan seorang atau lebih pegawai hendaklah dilantik sebagai Pegawai Perumahan untuk menguntukkan rumah kediaman Kerajaan atau yang disewa oleh Kerajaan.

b. Semakan Audit terhadap kawalan umum pengurusan kuarters jabatan mendapati perkara berikut:

i. Di peringkat Ibu Pejabat JKDM, Cawangan Logistik, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia yang diketuai oleh Penolong Kanan Pengarah Kastam (Gred W48) bertanggungjawab terhadap pengurusan aset jabatan. Bagaimanapun, Cawangan ini hanya mula dipertanggungjawabkan untuk memantau dan menyelia kuarters jabatan di seluruh negara mulai bulan Mac 2011.

ii. Di 5 negeri yang dilawati, JKDM telah melantik antara satu hingga 5 pegawai sebagai Pegawai Perumahan. Bilangan Pegawai Perumahan yang dilantik mengikut negeri adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.8
PEGAWAI PERUMAHAN MENGIKUT NEGERI SETAKAT BULAN DISEMBER 2011

NEGERI	PEGAWAI PERUMAHAN		JUMLAH PEGAWAI
	GRED	BIL. PEGAWAI	
Kedah	W26	1	4
	W22	3	
Kelantan	W41	1	5
	W22	4	
Pulau Pinang	W22	1	1
Sabah	W26	1	1
Selangor	N22	1	1
JUMLAH			12

Pada pendapat Audit, kawalan umum terhadap pengurusan kuarters jabatan oleh JKDM adalah memuaskan.

11.5.2.2. Penyelenggaraan Rekod Dan Dokumen

a. Penyelenggaraan rekod dan dokumen yang lengkap dan kemas kini adalah penting bagi memudahkan urusan pemantauan dan penyediaan laporan. Antara rekod dan dokumen yang perlu diselenggarakan adalah Daftar Induk Kuarters Jabatan Peringkat Negeri, Daftar Permohonan, Sijil Keluar/Masuk Kuarters dan Daftar Penghuni.

b. Semakan Audit mendapati rekod dan dokumen berkenaan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini di negeri Pulau Pinang, Sabah dan Selangor manakala pihak Audit menghadapi masalah memperolehi rekod perumahan untuk semakan di negeri Kedah dan Kelantan. Ini disebabkan rekod dan dokumen perumahan disimpan oleh Pegawai Perumahan mengikut lokasi kuarters jabatan masing-masing serta tiada daftar induk diselenggarakan untuk negeri berkenaan.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod dan dokumen di peringkat negeri secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan kerana 2 daripada 5 negeri yang dilawati tidak dapat mengemukakan rekod dan dokumen yang lengkap dan kemas kini untuk semakan Audit.

11.5.2.3. Kebersihan Kuarters Jabatan

a. Perintah Am Bab E telah menetapkan tanggungjawab tiap-tiap pegawai yang menduduki kuarters jabatan menjaga dengan sebaik-baiknya kebersihan kuarters jabatan. Sehubungan itu, seorang pegawai yang akan berpindah dari kuarters

jabatan hendaklah melaporkan hal itu kepada Pegawai Perumahan yang perlu memeriksa kuarters jabatan tersebut sebelum tarikh pengosongannya. Satu sijil akuan keluar rumah akan ditandatangani oleh Pegawai Perumahan dan pegawai adalah bertanggungjawab tentang kerosakan atau kekurangan kepada barang-barang dan perabot (jika ada) seperti yang dinyatakan dalam sijil.

b. Lawatan Audit ke kuarters jabatan mendapati seramai 4 penghuni yang keluar dari kuarters jabatan di Perumahan Kg. Jawa, Selangor; Taman Tunku Yaacob, Kedah; Perumahan Kastam Sepanggar, Kota Kinabalu dan Perumahan Taman Fajar, Sandakan telah meninggalkan kuarters jabatan dalam keadaan yang tidak terurus dan bersepah. Ini berlaku kerana tiada pemantauan dan tindakan diambil oleh pihak pengurusan terhadap kejadian yang sama sebelum ini. Keadaan kuarters jabatan yang ditinggalkan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 11.24



Perumahan Kg. Jawa, Selangor
- Keadaan Kuarters Yang Ditinggalkan
(13.07.2011)

GAMBAR 11.25



Taman Tunku Yaacob, Kedah
- Keadaan Kuarters Yang Ditinggalkan
(07.08.2011)

GAMBAR 11.26



Perumahan Kastam Sepanggar,
Kota Kinabalu
- Keadaan Kuarters Yang Ditinggalkan
(13.01.2012)

GAMBAR 11.27



Perumahan Taman Fajar, Sandakan
- Keadaan Kuarters Yang Ditinggalkan
(23.11.2011)

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

Keadaan ini berlaku kerana kurang pemantauan oleh Jawatankuasa Perumahan yang berkenaan. Bagaimanapun, kesemua kuarters yang tersebut telah dibersihkan.


Pada pendapat Audit, tindakan pihak pengurusan untuk memastikan kebersihan kuarters jabatan adalah kurang memuaskan apabila kuarters jabatan yang ditinggalkan oleh penghuni adalah dalam keadaan tidak terurus dan bersepah.

11.5.2.4. Penyenggaraan Kuarters Jabatan

a. Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2009 (Manual Pengurusan Aset Menyeluruh Kerajaan) dan Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995 menetapkan jabatan/agensi hendaklah

melaksanakan sistem penyenggaraan terancang dan menyeluruh terhadap aset Kerajaan yang terbahagi kepada penyenggaraan pembaikan/pemulihan dan penyenggaraan pencegahan. Penyenggaraan tersebut hendaklah memberikan perhatian kepada 4 aspek penting iaitu struktur, mekanikal, elektrik dan persekitaran supaya ianya sentiasa dalam keadaan mudah digunakan, tahan lasak dan tidak mudah rosak. Berdasarkan Manual Pengurusan Aset Menyeluruh Kerajaan, proses operasi dan penyenggaraan aset adalah seperti di rajah berikut:

RAJAH 11.1
PROSES OPERASI DAN PENYENGGARAAN ASET



b. Semakan Audit terhadap operasi dan penyenggaraan kuarters jabatan mendapati perkara berikut:

i. Tiada Pelan Operasi dan Penyenggaraan Kuarters disediakan oleh Cawangan Logistik, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia setakat bulan Disember 2011.

ii. Tiada peruntukan khas disediakan untuk penyenggaraan kuarters jabatan kerana bajet penyenggaraan aset diperuntukkan di bawah Objek Sebagai 28000 (Pembaikan Kecil), perbelanjaan mengurus yang juga melibatkan penyenggaraan pejabat, peralatan pejabat dan kenderaan. Ini menyebabkan JKDM hanya melaksanakan penyenggaraan pemulihan berdasarkan kepada laporan/aduan kerosakan yang diterima dan seterusnya tidak dapat melaksanakan penyenggaraan pencegahan.

iii. Selain daripada kuarters jabatan yang mengalami kerosakan sehingga ia tidak sesuai diduduki, lawatan Audit juga mendapati antara kerosakan kuarters jabatan dan kemudahan lain yang memerlukan perhatian serius adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 11.9
KUARTERS JABATAN YANG MEMERLUKAN PEMBAIKAN/PEMULIHAN
SETAKAT BULAN DISEMBER 2011

NEGERI	LOKASI	KEADAAN BANGUNAN/PERSEKITARAN
Kelantan	Desa Kujid Fasa 1	- Penutup Longkang Dicuri **(Gambar 11.28)**
	Desa Kujid Fasa 2	- Penutup Saluran Kumbahan Dicuri **(Gambar 11.29)**
Pulau Pinang	Jalan Baru Perai	- Bangunan Merekah Kerana Kawasan Tapak Mendap **(Gambar 11.30** dan **11.31)**
Sabah	Taman Ria 10, Tawau	- Struktur Bangunan Retak **(Gambar 11.32** dan **11.33)**
	Taman Ria 11, Tawau	- Tiang Garaj Kenderaan Berkarat Dan Berlubang **(Gambar 11.34** dan **11.35)**
	Perumahan Pangsa, Tawau	- Saluran Paip Bomba Tidak Berfungsi **(Gambar 11.36)**
	Perumahan Taman Fajar, Sandakan	- Siling Yang Tertanggal **(Gambar 11.37)** - Kayu Pintu Tandas Reput Dan Pintu Di Belakang Rumah Yang Rosak **(Gambar 11.38** dan **11.39)**

GAMBAR 11.28



Desa Kujid Fasa 1, Kelantan
- Penutup Longkang Dicuri
(21.08.2011)

GAMBAR 11.29



Desa Kujid Fasa 2, Kelantan
- Penutup Saluran Kumbahan Dicuri
(21.08.2011)

GAMBAR 11.30



Jalan Baru Perai, Pulau Pinang
- Keadaan Di Bahagian Luar Dewan Serbaguna
(28.07.2011)

GAMBAR 11.31




Jalan Baru Perai, Pulau Pinang
- Mendapan Berlaku Di Sekitar Bangunan Kuarters
(28.07.2011)

GAMBAR 11.32



GAMBAR 11.33



Perumahan Kastam Taman Ria 10, Tawau
- Struktur Bangunan Retak (17.11.2011)

GAMBAR 11.34




GAMBAR 11.35



Perumahan Kastam Taman Ria 11, Tawau
- Tiang Garaj Kenderaan Berkarat Dan Berlubang (16.11.2011)

GAMBAR 11.36



Perumahan Pangsa, Tawau
- Saluran Paip Bomba Yang Tidak Berfungsi
(17.11.2011)

GAMBAR 11.37



Perumahan Taman Fajar, Sandakan
- Keadaan Siling Yang Tertanggal
(23.11.2011)

GAMBAR 11.38



GAMBAR 11.39



Perumahan Taman Fajar, Sandakan
- Kayu Pintu Tandas Reput Dan Pintu Di Belakang Rumah Yang Rosak
(23.11.2011)

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

Kekurangan peruntukan telah membatasi kerja penyenggaraan pencegahan/berkala menyebabkan berlakunya banyak kerosakan yang tidak dapat diperbaiki. Sehubungan itu, pihak JKR telah dihubungi melalui surat rujukan KE.HG(125)655/12Klt.2(10) bertarikh 15 Mei 2012 untuk memohon bantuan dari segi penyediaan Pelan Operasi dan Penyelenggaraan Aset seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2009, kerana penyediaan pelan berkenaan memerlukan kepakaran teknikal dan juga kerjasama JKR.

Pada pendapat Audit, kekangan peruntukan dalam penyenggaraan kuarters jabatan telah mengakibatkan proses operasi dan penyenggaraan aset seperti mana yang ditetapkan dalam Manual Pengurusan Aset Menyeluruh Kerajaan tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

11.5.2.5. Pengubahsuaian/Penambahbaikan Kuarters Jabatan

a. Kuarters jabatan adalah merupakan aset tidak alih dan hendaklah diuruskan dengan sempurna sebagaimana yang telah ditetapkan oleh peraturan Kerajaan. Oleh itu, sebarang pengubahsuaian terhadap kuarters jabatan perlu mendapat kelulusan pihak pengurusan tertinggi dan sekiranya pengubahsuaian tersebut melibatkan tambahan dan/atau pindaan struktur kepada mana-mana bahagian dalam atau luar bangunan kuarters, kelulusan daripada pihak JKR tempatan perlu diperolehi seperti yang diperuntukkan dalam Perintah Am Bab E.

b. Lawatan Audit pada bulan Julai 2011 mendapati JKDM telah mengubahsuai kuarters yang kosong atau mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

i. **Negeri Kedah**

Sebanyak 19 kuarters jabatan telah diubahsuai kepada 3 ruang pejabat, 13 rumah tamu dan 3 rumah aktiviti. Bagaimanapun, tiada pengubahsuaian yang melibatkan perubahan struktur bangunan. Contoh pengubahsuaian kuarters jabatan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 11.40



Jalan Pegawai, Kedah
- Kuarters Yang Dijadikan Pejabat
(07.08.2011)

GAMBAR 11.41



Jalan Pegawai, Kedah
- Kuarters Diubah Suai Menjadi Rumah Tamu
(07.08.2011)

ii. **Negeri Pulau Pinang**

Sebanyak 59 kuarters jabatan telah dijadikan 'rumah kedua' iaitu pendekatan yang diambil untuk membolehkan kuarters jabatan yang kosong disewakan kepada ahli keluarga penghuni yang sedia ada di kalangan kakitangan JKDM dengan mengenakan syarat dan bayaran yang tertentu.

iii. **Negeri Kelantan**

Sebanyak 7 kuarters jabatan telah dijadikan 'rumah angkat' iaitu satu kaedah di mana kuarters jabatan yang kosong dipertanggungjawabkan kepada penghuni kuarters yang sedia ada untuk memantau dan membuat laporan sekiranya berlaku kerosakan.

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

Pengubahsuaian kuarters jabatan yang kosong merupakan langkah pro-aktif bagi memastikan kuarters jabatan yang kosong dan lama tidak diduduki sentiasa dijaga dengan baik.

Pada pendapat Audit, tindakan penambahbaikan kuarters jabatan adalah baik khususnya pendekatan rumah angkat yang diperkenalkan oleh negeri Kelantan.

11.5.2.6. Kutipan Sewa Kuarters Jabatan

a. Mengikut Perintah Am Bab E, pegawai-pegawai yang menduduki kuarters jabatan dikehendaki membayar sewa bagi kelas kuarters yang didudukinya dan adalah menjadi tugas Ketua Jabatan memotong amaun sewa kuarters dari gaji seseorang pegawai di bawah jagaannya pada tiap-tiap bulan setelah menerima permintaan sedemikian dari Pegawai Perumahan. Manakala bayaran sewa kuarters jabatan yang diduduki oleh pesara dan kakitangan jabatan/agensi Kerajaan lain adalah dibuat secara tunai atau melalui potongan gaji oleh jabatan/agensi masing-masing.

b. Semakan Audit mendapati seramai 44 penghuni di Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan tidak menjelaskan sewa kuarters jabatan berjumlah RM103,710. Tunggakan sewa tersebut telah melebihi 3 bulan disebabkan kurang tindakan penguatkuasaan untuk mengutip balik tunggakan sewa kuarters jabatan. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.10
SEWA YANG TERTUNGGAK MELEBIHI 3 BULAN SETAKAT BULAN JULAI 2011

NEGERI	TUNGGAKAN SEWA	
	BIL. KES	JUMLAH (RM)
Pulau Pinang	39	74,200
Kedah	1	1,320
Kelantan	4	28,190
JUMLAH	**44**	**103,710**

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

JKDM Pulau Pinang telah mengambil tindakan memungut semula sewa tertunggak dan baki sewa yang belum dipungut sehingga Januari 2012 adalah RM13,652. Tunggakan sewa sebanyak RM1,320 telah dijelaskan oleh penyewa pada Oktober 2011 di JKDM Kedah. JKDM Kelantan telah mengambil tindakan memungut semula sewa tertunggak dan baki sewa tertunggak adalah RM3,320.

Pada pendapat Audit, JKDM Pulau Pinang dan Kelantan perlu terus berusaha mengutip balik tunggak hasil sewa yang belum dikutip balik.

11.5.2.7. Pemantauan Oleh Jawatankuasa Perumahan

a. Jawatankuasa Perumahan peringkat negeri hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 kali setahun bagi membincangkan semua perkara berkaitan dengan kuarters jabatan. Oleh itu, setiap Jawatankuasa Perumahan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 9 kali bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011.

b. Semakan Audit di 5 negeri yang dilawati mendapati hanya Jawatankuasa Perumahan Negeri Selangor dan Sabah sahaja yang bermesyuarat 9 kali untuk tempoh tahun 2009 hingga 2011. Manakala Jawatankuasa Perumahan negeri lain hanya bermesyuarat antara 2 hingga 6 kali untuk tempoh yang sama. Keadaan ini berlaku kerana Cawangan Logistik, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia di Ibu Pejabat JKDM kurang memantau dan tidak memastikan kesemua Jawatankuasa Perumahan peringkat negeri bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan serta melaporkan perkara yang dibincangkan. Maklumat mengenai bilangan mesyuarat yang diadakan oleh Jawatankuasa Perumahan peringkat negeri yang dilawati adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.11
MESYUARAT JAWATANKUASA PERUMAHAN PERINGKAT NEGERI
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

NEGERI	BIL. MESYUARAT			
	2009	2010	2011	JUMLAH
Kedah	-	1	1	2
Kelantan	1	1	3	5
Pulau Pinang	2	3	3	8
Sabah	3	3	3	9
Selangor	3	3	3	9

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

JKDM Ibu Pejabat akan memantau prestasi mesyuarat oleh Jawatankuasa Perumahan peringkat negeri melalui laporan yang dikemukakan ke Ibu Pejabat.

Pada pendapat Audit, Ibu Pejabat JKDM kurang memantau prestasi pengurusan kuarters jabatan oleh Jawatankuasa Perumahan peringkat negeri.

11.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan untuk meningkatkan lagi prestasi pengurusan kuarters JKDM, adalah disyorkan supaya Jabatan Kastam Diraja Malaysia mengambil tindakan berikut:

11.6.1. Memastikan kemudahan perumahan yang disediakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya serta mengurangkan peratusan kuarters jabatan yang tidak diduduki.

11.6.2. Memastikan penghuni kuarters jabatan mematuhi Perintah Am Bab E dan kuarters jabatan sentiasa dalam keadaan sempurna.

11.6.3. Melaksanakan proses operasi dan penyenggaraan aset seperti mana yang ditetapkan dalam Manual Pengurusan Aset Menyeluruh Kerajaan. Selain itu, menyediakan rancangan penyenggaraan secara berjadual yang meliputi penyenggaraan secara *preventive* dan *corrective* terhadap semua kuarters jabatan di seluruh negara berdasarkan kepada Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995. Dalam hubungan ini, peruntukan penyenggaraan yang mencukupi hendaklah dipohon daripada Perbendaharaan.

11.6.4. Mengambil tindakan segera untuk mengutip balik tunggakan sewa kuarters jabatan.

11.6.5. Memastikan Jawatankuasa Perumahan peringkat negeri bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan serta melaporkan perkara yang dibincangkan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 92-95 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN KEWANGAN

12. JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
- PENGURUSAN PEROLEHAN ALAT BANTU KERJA BAGI AKTIVITI PENGUATKUASAAN

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) adalah agensi Kerajaan yang ditubuhkan bagi memungut cukai tidak langsung seperti duti import, duti eksport, cukai jualan, cukai eksais, cukai perkhidmatan dan juga levi yang dikenakan ke atas urus niaga perdagangan serta perindustrian di Malaysia. Sehubungan itu, JKDM bertanggungjawab untuk memastikan tiada ketirisan hasil negara berlaku melalui aktiviti penyeludupan sama ada melalui laut, darat atau udara.

12.1.2. Bagi menangani penyeludupan, Bahagian Penguatkuasaan JKDM bertanggungjawab merancang dan melaksanakan operasi penguatkuasaan seperti sekatan jalan raya, rondaan laut/darat, serbuan dan pemeriksaan rapi di pelabuhan utama dan di pintu masuk kawasan sempadan. Hasil daripada operasi penguatkuasaan yang dijalankan, bahagian ini telah berjaya melakukan rampasan barangan terhadap kes-kes penyeludupan barangan komoditi utama seperti dadah, minuman keras, rokok, mercun dan bunga api, kenderaan, beras, alat komunikasi, barangan elektrik, tekstil dan tayar. Bagi tempoh 3 tahun (2009-2011), Bahagian Penguatkuasaan berjaya merampas barangan bernilai RM1.371 bilion dengan cukai berjumlah RM1.318 bilion. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.1
STATISTIK RAMPASAN BAGI TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	BIL. KES RAMPASAN	NILAI RAMPASAN (RM Juta)	CUKAI (RM Juta)
2009	4,690	338.05	331.83
2010	5,657	507.69	515.15
2011	5,998	524.92	471.45
JUMLAH	**16,345**	**1,370.66**	**1,318.43**

Sumber: ***Laporan Bahagian Penguatkuasaan***

12.1.3. Operasi dan rondaan yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan JKDM melibatkan penggunaan peralatan logistik seperti senjata dan peluru, anjing pengesan dadah dan alat bantu kerja yang lain. Untuk tujuan perolehannya, Kerajaan telah meluluskan peruntukan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM20.20 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.2
PERUNTUKAN PERALATAN LOGISTIK DALAM RANCANGAN MALAYSIA KE-9

PERALATAN	PERUNTUKAN (RM Juta)
Alat Bantu Kerja	17.50
Senjata Dan Peluru	2.00
Anjing Pengesan Dadah	0.70
JUMLAH	**20.20**

12.1.4. Kebanyakan alat bantu kerja yang digunakan oleh Bahagian Penguatkuasaan JKDM merupakan alat *proprietary* elektronik iaitu peralatan elektronik yang dikeluarkan oleh syarikat yang memiliki atau memegang hak eksklusif kepada sesuatu peralatan tersebut. Pada tahun 2000, Kementerian Kewangan telah melantik syarikat Central Management Catalogue Agency Sdn. Bhd. (CMCA) sebagai pembekal kontrak pusat untuk alat *proprietary* elektronik dan kontrak pusat ini telah dilanjutkan sehingga 30 April 2013. Maklumat lanjut mengenai kontrak pusat alat *proprietary* dengan CMCA adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.3
KONTRAK PUSAT ALAT *PROPRIETARY* ELEKTRONIK

NO. KONTRAK PUSAT	TEMPOH KUAT KUASA KONTRAK		PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN	
	DARI	HINGGA	BIL.	TARIKH
PERB/PK/91/2000	2000	2003	Bil. 11 Tahun 2000	23.12.2000
	16.11.2003	15.11.2004	Tambahan Kedua* Kepada PKP Bil. 11 Tahun 2000	14.06.2004
	16.11.2004	15.11.2005	Tambahan Ketiga* Kepada PKP Bil. 11 Tahun 2000	15.01.2005
PERB/PK/4/2005	01.01.2006	31.12.2008	Bil. 7 Tahun 2005	31.12.2008
	01.01.2009	30.06.2009	Bil. 3 Tahun 2009	26.03.2009
	01.07.2009	31.12.2009	Bil. 8 Tahun 2009	21.07.2009
PERB/PK/7/2010	01.05.2010	30.04.2013	Bil. 4 Tahun 2010	23.04.2010

Nota: (*) - Tambahan Pertama Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 2000 Adalah Kelulusan Senarai Harga Tambahan Alat Ganti

12.1.5. Di bawah RMKe-9 (2006-2010), kebanyakan alat bantu kerja bagi aktiviti penguatkuasaan adalah alat *proprietary* yang boleh diperolehi melalui kontrak pusat CMCA. Contoh alat *proprietary* elektronik yang diperolehi daripada CMCA adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.4
JENIS DAN FUNGSI ALAT BANTU KERJA BAGI AKTIVITI PENGUATKUASAAN

PERALATAN		HARGA SEUNIT (RM)
JENIS	FUNGSI	
Binocular c/w Compass	Alat bantuan penglihatan jarak jauh untuk mendapatkan posisi dan bearing.	9,250
Camera Digital Sony DSC-H5 Cybershot	Kamera untuk menangkap gambar sebagai bukti dalam kes penyeludupan.	9,000
Camera Thermal Imager	Kamera pengimejan haba yang dapat mengesan dan menangkap gambar dalam gelap malam, menembusi habuk, asap dan debu.	210,000
Lamp Static Balloon c/w Genset	Lampu limpah untuk sekatan jalan raya.	40,000
Lamp Light Turboflare SOS	Lampu untuk amaran sekatan jalan raya.	14,000
Lamp Search Light	Lampu bagi tujuan menyuluh sesuatu sasaran pada waktu malam.	2,000
Lampu *Beacon*	Lampu berputar untuk menarik perhatian kenderaan sekitar dan pejalan kaki semasa operasi.	2,100
Lampu *Beacon* Dengan Siren	Lampu *beacon* dengan siren.	9,500
Maglite Torchlight Rechargeable	Lampu menyuluh dengan bateri yang boleh dicaj semula.	1,800
Search Light Portable	Lampu menyuluh yang mudah alih. Alat bantuan kerja bagi tujuan menyuluh sesuatu sasaran pada waktu malam.	18,000

12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada perolehan alat bantu kerja bagi aktiviti penguatkuasaan telah diuruskan dengan cekap, berhemat dan teratur.

12.3. SKOP PENGAUDITAN

12.3.1. Skop pengauditan merangkumi pengurusan perolehan alat bantu kerja bagi tempoh tahun 2006 hingga 2011 di Bahagian Penguatkuasaan meliputi Cawangan Narkotik, Risikan, Siasatan serta Pencegahan dan Rampasan. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat, Pejabat Kastam Negeri Kedah, Kelantan, Sabah, Sarawak dan Selangor.

12.3.2. *Limitation* atau halangan yang dihadapi semasa menjalankan pengauditan ini adalah di mana JKDM tidak dapat memberi maklumat pengagihan peralatan yang lengkap dan tepat kepada pihak Audit. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan pengagihan sebenar peralatan berkaitan ke negeri-negeri yang dilawati.

12.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Semakan telah dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan. Pihak Audit juga menemu bual pegawai yang terlibat serta membuat pemeriksaan fizikal terhadap peralatan. Selain itu, perbincangan dengan pihak CMCA telah diadakan pada bulan April dan Jun 2012 untuk membincangkan isu-isu perolehan alat *proprietary* elektronik oleh JKDM.

12.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2011 hingga Februari 2012 mendapati secara keseluruhannya perolehan alat bantu kerja bagi aktiviti penguatkuasaan adalah kurang memuaskan kerana tidak diuruskan dengan cekap, berhemat dan teratur. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

i. bayaran tidak teratur (improper payment) seperti perolehan peralatan bernilai RM9.94 juta melalui peruntukan mengurus telah dibuat tanpa kelulusan Pegawai Pengawal dan perolehan peralatan bernilai RM2.25 juta tanpa peruntukan yang mencukupi mengakibatkan ia dibayar di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 59;

ii. maklumat dalam katalog dan Pesanan Kerajaan tidak terperinci mengakibatkan Pegawai Penerima tidak dapat mengesahkan spesifikasi dan kualiti peralatan yang diterima;

iii. peralatan bernilai RM4.44 juta kurang/tidak digunakan secara optimum; dan

iv. urusan pendaftaran aset yang lemah telah mengakibatkan 21 unit peralatan bernilai RM109,700 tidak dapat dikesan semasa pemeriksaan audit.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui serta maklum balas pihak yang terlibat adalah seperti berikut:

12.5.1. Prestasi Kewangan

12.5.1.1. Daripada RM20.20 juta yang telah diperuntukkan dalam RMKe-9 untuk perolehan peralatan logistik bagi aktiviti penguatkuasaan, sejumlah RM18.81 juta (93.1%) telah dibelanjakan. Untuk perolehan alat bantu kerja, JKDM telah membelanjakan sejumlah RM17.23 juta (98.5%) daripada peruntukan yang diluluskan berjumlah RM17.50 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.5
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEROLEHAN PERALATAN LOGISTIK DALAM RMKe-9

PERALATAN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
Alat Bantu Kerja	17.50	17.23	98.5
Senjata Dan Peluru	2.00	1.06	53.0
Anjing Pengesan Dadah	0.70	0.52	74.3
JUMLAH	**20.20**	**18.81**	**93.1**

12.5.1.2. Selain daripada perbelanjaan melalui peruntukan perbelanjaan pembangunan yang diluluskan dalam RMKe-9, perolehan alat bantu kerja bagi aktiviti penguatkuasaan juga dibuat melalui peruntukan perbelanjaan mengurus. Adalah didapati sejumlah RM12.19 juta telah dibelanjakan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010. Ini bermakna JKDM telah membelanjakan sejumlah RM29.42 juta untuk perolehan alat bantu kerja bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.6
PERBELANJAAN PEROLEHAN ALAT BANTU KERJA UNTUK TAHUN 2006 HINGGA 2010

TAHUN	PERBELANJAAN MELALUI PERUNTUKAN		
	PEMBANGUNAN (RM Juta)	MENGURUS (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
2006	11.09	9.67	20.76
2007	5.47	0.27	5.74
2008	0.62	TM	0.62
2009	0.05	TM	0.05
2010	0.00	2.25	2.25
JUMLAH	**17.23**	**12.19**	**29.42**

Nota: ***TM - Tiada Maklumat***

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan bagi peruntukan perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-9 adalah baik, di mana JKDM berjaya membelanjakan sebanyak 93.1% daripada peruntukan yang diluluskan bagi tempoh Rancangan tersebut.

12.5.2. Bayaran Tidak Teratur (Improper Payment)

12.5.2.1. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 20 Tahun 1980 mentafsirkan *Improper Payment* yang boleh membawa kepada hukuman surcaj mengikut Seksyen 18(B) Akta Tatacara Kewangan 1957 antara lainnya adalah:

a. Apa-apa bayaran yang disahkan, dibenarkan atau dibuat tanpa peruntukan dalam Anggaran Perbelanjaan.

b. Apa-apa bayaran tanpa peruntukan yang dibuat dan dikenakan pada sesuatu peruntukan yang lain.

c. Apa-apa bayaran dibuat tanpa kuasa tertentu, iaitu tanpa sijil berkenaan dari pegawai yang diberi kuasa membenar atau meluluskan bayaran itu.

d. Apa-apa bayaran yang dibenarkan dan apa-apa bayaran yang dibuat tanpa pengesahan pegawai yang diberi kuasa.

12.5.2.2. Perbelanjaan melalui peruntukan perbelanjaan pembangunan bagi perolehan alat bantu kerja bernilai RM17.23 juta telah dibayar melalui 48 baucar bayaran manakala sejumlah RM12.19 juta telah dibayar melalui peruntukan perbelanjaan mengurus. Pihak Audit telah memilih kesemua baucar bayaran untuk semakan lanjut dan hasil semakan mendapati perkara berikut:

a. Perolehan Tanpa Peruntukan Yang Mencukupi

i. Peralatan bernilai RM2.25 juta telah dibekalkan pada tahun 2007 oleh syarikat True Target Resources dan invois syarikat tidak dapat dijelaskan kerana peruntukan tidak mencukupi; perolehan dibuat secara lisan tanpa Pesanan Kerajaan dan perolehan tidak dibuat melalui pembekal kontrak pusat (CMCA).

ii. Pada pertengahan tahun 2010, Perbendaharaan Malaysia telah meluluskan bayaran kepada pembekal di bawah AP 59, iaitu dengan dipertanggungkan pada mula-mulanya kepada Akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) atas nama Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP).

iii. Selaras dengan AP 59, satu laporan siasatan telah disediakan bagi menghuraikan bagaimana penyimpangan peraturan biasa boleh berlaku. Hasil siasatan Jawatankuasa Penyiasat mendapati perolehan yang dibuat adalah satu kesalahan kepada pegawai terlibat. Antara lainnya, Jawatankuasa Penyiasat mendapati pegawai yang bertanggungjawab telah memesan sebanyak 6 jenis alat bantu kerja secara lisan dan melebihi kuantiti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penetapan Permohonan Pembelian Peralatan Logistik Pencegahan yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Penguatkuasaan. Lebihan kuantiti peralatan bernilai RM1.82 juta adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.7
PEMBELIAN PERALATAN BERBANDING KELULUSAN

PERALATAN	KUANTITI		PERBEZAAN	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
	DILULUSKAN	DIBELI			
GPS Navman	30	80	50	6,174.00	308,700
Lampu *Beacon*	0	60	60	1,311.00	78,660
Light Bar c/w Siren	10	50	40	11,819.00	472,760
Maglite Torchlight Rechargeable	0	250	250	1,217.16	304,250
Search Light Hella	50	150	100	1,292.00	129,200
Walkie Talkie Garmin	0	100	100	5,259.80	525,980
JUMLAH					**1,819,550**

iv. Pada 22 Disember 2010, Kementerian Kewangan telah meluluskan penyelarasan akaun pendahuluan diri ini dan JKDM telah mengambil tindakan dengan menyelaraskan akaun pendahuluan diri tersebut melalui Peruntukan Perbelanjaan Mengurus tahun 2010. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan juga telah mengeluarkan arahan supaya JKDM membuat laporan polis terhadap pegawai berkenaan. Bagaimanapun, tiada tindakan diambil terhadap pegawai terlibat kerana beliau telah meletakkan jawatan dengan notis 24 jam pada 26 Februari 2008.

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

JKDM telah membuat laporan polis terhadap pegawai terbabit pada 24 Mei 2012 mengenai kes ini.

b. Perolehan Harta Modal Tanpa Kelulusan Pegawai Pengawal

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2002, Pegawai Pengawal dibenarkan meluluskan pembelian harta modal di bawah perbelanjaan mengurus dengan satu peruntukan secara berasingan yang ditentukan semasa pemeriksaan belanjawan tahunan disediakan di bawah dasar *one-off.* Memandangkan peruntukan perbelanjaan pembangunan telah diluluskan dalam RMKe-9, perolehan alat bantu kerja untuk aktiviti penguatkuasaan telah diluluskan oleh Ketua Pengarah JKDM tanpa perlu merujuk kepada KSP, selaku Pegawai Pengawal. Bagaimanapun, adalah didapati perolehan melalui peruntukan perbelanjaan mengurus untuk 14 jenis peralatan bernilai RM9.94 juta telah dibuat pada tahun 2006 tanpa kelulusan KSP.

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Cawangan Kewangan, JKDM telah mempersetujui supaya pembelian menggunakan peruntukan mengurus yang dibuat sama ada melalui kontrak pusat atau tidak, perlu mendapat keputusan Pegawai Pengawal.

Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.8
PEROLEHAN HARTA MODAL MENGGUNAKAN PERUNTUKAN MENGURUS TANPA KELULUSAN PEGAWAI PENGAWAL

PERALATAN	PESANAN TEMPATAN		JUMLAH (RM)
	NO.	TARIKH	
Camera Thermal Imager	61894	02.12.2006	2,050,000
GPS Track Garmin	61892	02.12.2006	430,000
Lampu Beacon	61895	02.12.2006	200,000
Search Light Hella	61488	28.09.2006	600,000
Walkie Talkie Garmin	61891	02.12.2006	830,000
Armour Sight System	61893	02.12.2006	3,600,000
GPS Track	61490	28.09.2006	435,000
Speaker Siren c/w Lamp	61489	28.09.2006	1,528,000
Lamp Light Emergency	70821	03.06.2007	114,800
Beacon Light	71118	03.07.2007	36,000
Lamp Light Emergency	71188	10.07.2007	8,200
Beacon Light	71195	10.07.2007	30,000
Beacon Light	70920	15.06.2007	20,500
Walkie Talkie Lincoln	70193	27.02.2007	63,000
JUMLAH			**9,945,500**

Pada pendapat Audit, kelemahan di atas merupakan *Improper Payment* yang boleh membawa kepada hukuman surcaj mengikut Seksyen 18(B) Akta Tatacara Kewangan 1957. Sehubungan itu, pihak Audit berpendapat pembelian harta modal yang dibuat melalui kontrak pusat masih perlu mendapat kelulusan Pegawai Pengawal kerana Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2002 menetapkan kuasa Pegawai Pengawal meluluskan pembelian harta modal di bawah perbelanjaan mengurus tanpa mengambil kira kaedah perolehan, sama ada melalui pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak pusat atau sistem panel. Oleh itu wajarlah Kementerian Kewangan melakukan penyiasatan lanjut ke arah mengenakan tindakan disiplin terhadap pegawai yang bertanggungjawab.

12.5.3. Perancangan Perolehan Peralatan

12.5.3.1. Perancangan perolehan merupakan aspek yang paling asas dan penting dalam pengurusan perolehan Kerajaan. Perancangan perolehan yang baik boleh mengawal kos dan menangani masalah dalam melaksanakan sesuatu perolehan. Sehubungan itu, Surat Arahan Perbendaharaan Bil. S/K.KEW/PK/PP/1100/ 000000/10/31 JLD.23 SK.9 (26) bertarikh 24 April 2008 menjelaskan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian di bawah perancangan perolehan, antaranya:

a. Merancang perolehan dengan teratur dan teliti serta melaksanakan perolehan dengan segera mengikut dasar dan peraturan yang berkuat kuasa.

b. Memastikan peruntukan kewangan telah disediakan/diluluskan dan seterusnya mencukupi sebelum perolehan dilaksanakan.

c. Menyediakan carta/jadual proses iaitu Jadual Umum untuk semua urusan perolehan (tender/sebut harga) yang hendaklah dilaksanakan untuk tahun berkenaan dan seterusnya Jadual Pelaksanaan khusus untuk setiap perolehan.

12.5.3.2. Untuk perolehan alat *proprietary* elektronik yang dilaksanakan melalui kontrak pusat, Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2005 (Pembekalan Alat *Proprietary* Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan Bagi Tahun 2006 Hingga Tahun 2008) menetapkan tanggungjawab Jabatan Pengguna menghantar jadual anggaran serta jangka masa keperluan untuk setiap tahun kepada kontraktor dengan segera untuk memudahkan dan membolehkan kontraktor membuat perancangan pembekalan.

12.5.3.3. Selewat-lewatnya pada awal tahun 2006, JKDM perlu menyediakan satu rancangan perolehan yang teliti apabila Kerajaan meluluskan peruntukan perolehan alat bantu kerja berjumlah RM17.5 juta di bawah RMKe-9 (2006-2010). Selain itu, JKDM juga perlu menghantar jadual anggaran serta jangka masa keperluan alat *proprietary* untuk setiap tahun kepada CMCA. Bagaimanapun, rancangan perolehan atau jadual anggaran tidak dikemukakan kepada CMCA.

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

JKDM terlepas pandang untuk mengemukakan jadual keperluan peralatan kepada pihak CMCA.

Pada pendapat Audit, jadual anggaran keperluan perolehan peralatan perlu disediakan dan dikemukakan kepada pihak CMCA.

12.5.4. Pelaksanaan Perolehan

12.5.4.1. Pesanan Dan Penerimaan Peralatan

Bagi tujuan memesan alat *proprietary* elektronik di bawah kontrak pusat rujukan: PERB/PK/4/2005 (Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2005), Jabatan Pengguna hendaklah membuat pesanan rasmi terus kepada kontraktor (CMCA) dengan mencatatkan nombor kontrak, nama, nombor pengenalan dan kuantiti alat *proprietary* elektronik yang diperlukan. Nombor pengenalan yang dimaksudkan adalah Nombor Stok Nasional (NSN) yang telah dikodifikasikan oleh kontraktor. Untuk tujuan pesanan, Jabatan Pengguna akan dibekalkan dengan katalog/senarai harga yang diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia. Katalog ini menunjukkan NSN, nombor pembuat, nama barang dan harga peralatan. Semakan Audit terhadap pesanan perolehan alat *proprietary* elektronik mendapati perkara berikut:

a. Sejumlah RM16.46 juta (95.5%) daripada RM17.23 juta perolehan alat bantu kerja di bawah RMKe-9 telah dibuat melalui kontrak pusat dengan CMCA.

b. Katalog yang dibekalkan kepada Jabatan Pengguna tidak menyatakan dengan jelas model dan jenama peralatan bagi memudahkan jabatan membuat pesanan. Antara alat *proprietary* elektronik yang disenaraikan dalam katalog tanpa model dan jenama peralatan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.9
CONTOH JENAMA DAN MODEL ALAT *PROPRIETARY* ELEKTRONIK YANG TIDAK DINYATAKAN DALAM KATALOG/SENARAI HARGA

NOMBOR STOK NASIONAL	NOMBOR PEMBUAT	NAMA BARANG	HARGA (RM)
5980-A02-0974	VDC 1	*Video Digital Camera 1*	7,000
5980-A02-0975	VDC 2	*Video Digital Camera 2*	9,000
5980-A02-0976	VDC 3	*Video Digital Camera 3*	11,000

NOMBOR STOK NASIONAL	NOMBOR PEMBUAT	NAMA BARANG	HARGA (RM)
5980-A02-0977	VDC 4	*Video Digital Camera 4*	15,000
5980-A02-0978	CCTV	CCTV	50,000
5980-A02-0983	CAM SLR	*Camera SLR*	7,500
5980-A02-0984	CAM BINO	*Camera Bino*	5,500
6210-A02-0323	VIDEO CAMERA DIGITAL	*Camera Video Digital & Accessories*	25,000
6240-A02-0959	TL	*Tactical Light*	9,000
6625-A02-0727	CAM BINO DIG-1	*Camera Binoculars Digital*	5,000
6625-A02-0728	CAM BINO-2	*Camera Binoculars 2*	4,500
6825-A02-0940	GPS GEN 1	*GPS Gen 1*	6,000
6825-A02-0941	GPS GEN 2	*GPS Gen 2*	8,000
6825-A02-0942	GPS GEN 3	*GPS Gen 3*	8,500

c. Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan untuk kesemua alat *proprietary* elektronik bernilai RM16.46 juta tidak mencatatkan NSN atau deskripsi peralatan seperti jenis, model dan jenama. Selain itu, nota penghantaran dan invois pembekal juga tidak menyatakan NSN, jenis, model dan jenama peralatan. Contoh deskripsi peralatan bernilai RM6.65 juta dalam Pesanan Kerajaan, nota penghantaran dan invois yang tidak terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.10
DESKRIPSI PERALATAN DALAM PESANAN KERAJAAN, NOTA PENGHANTARAN DAN INVOIS YANG TIDAK TERPERINCI

PESANAN KERAJAAN		DESKRIPSI PERALATAN	KUANTITI	HARGA		BAUCAR BAYARAN	
NO.	TARIKH			SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)	NO.	TARIKH
K85	25.07.2006	Video Kamera Digital	20	9,000	180,000	WAO63	20.09.2006
K89	25.07.2006	*Beacon Light c/w Siren*	30	9,500	285,000	WAEN3	12.12.2006
K90	25.07.2006	Lampu *Beacon*	80	2,100	168,000	WAM48	12.09.2006
K91	25.07.2006	Lampu Visi (Flash Light)	40	600	24,000	WAS15	02.10.2006
K93	25.07.2006	*Flash Light*	500	650	325,000	WAZ24	17.10.2006
K94	25.07.2006	*Binoculars c/w Compass*	75	9,250	693,750	WAS16	02.10.2006
K145	16.11.2006	*Camera Thermal Imager*	10	210,000	2,100,000	WAEN 2	12.12.2006
K158	06.12.2006	*Walkie Talkie Garmin**	200	8,300	1,660,000	WAIL 5	10.01.2007
K159	06.12.2006	Lampu *Beacon*	100	2,000	200,000	WAIL1	10.01.2007
T82	22.08.2007	*Lamp Maglite Rechargeable*	50	1,800	90,000	D6817	01.10.2007
T87	12.09.2007	Kamera *Digital c/w Lens* 28-90 mm	6	25,000	150,000	D7910	14.11.2007
		Search Light Portable	8	18,000	144,000		
T145	28.11.2007	*Lamp Pal Light*	10	16,000	160,000	D8732	10.12.2007
		Lamp Light Turboflare SOS	5	14,000	70,000		
		Lamp Static Balloon	10	40,000	400,000		
JUMLAH					6,649,750		

Nota: ***(*) - Jenama Dinyatakan Tanpa Jenis/Model***

d. Disebabkan maklumat yang kurang terperinci ini, adalah meragukan sama ada Pegawai Penerima dapat mengesahkan spesifikasi dan kualiti sebenar peralatan yang diterima mengikut pesanan yang disediakan. Semakan Audit selanjutnya terhadap penerimaan peralatan mendapati:

i. Cawangan Perolehan, JKDM terlibat secara langsung terhadap perolehan peralatan. Manakala urusan penerimaan dan pengagihan diuruskan oleh Cawangan Marin Dan Khidmat Sokongan sekarang dikenali sebagai Cawangan Pencegahan dan Rampasan.

ii. Pada bulan November 2007, JKDM telah membeli 10 unit *Lamp Pal Light* pada harga RM16,000 seunit dan 5 unit *Lamp Light Turboflare SOS* berharga RM14,000 seunit. Berdasarkan memo Cawangan Pencegahan dan Rampasan

Ibu Pejabat pada 16 April 2008, 15 unit peralatan ini yang bernilai RM230,000 sepatutnya diagihkan seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.11
PENGAGIHAN *LAMP PAL LIGHT* DAN *LAMP LIGHT TURBOFLARE SOS*

LAMP LIGHT TURBOFLARE SOS		*LAMP PAL LIGHT*	
STESEN/CAWANGAN KASTAM	**KUANTITI DIAGIHKAN**	**STESEN/CAWANGAN KASTAM**	**KUANTITI DIAGIHKAN**
Cawangan Pencegahan dan Rampasan, Ibu Pejabat	1	W.P. Kuala Lumpur	2
Muar, Johor	2	Lumut, Perak	2
Pengkalan Kubor, Kelantan	2	Rantau Panjang, Kelantan	2
-	-	Sandakan, Sabah	2
-	-	Teluk Intan, Perak	2
JUMLAH	**5**		**10**

iii. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada 10 unit *Lamp Pal Light* telah dibekalkan atau tidak kerana pemeriksaan fizikal di Rantau Panjang, Kelantan mendapati peralatan yang diterima dan didaftarkan adalah *Lamp Light Turboflare SOS* dan sama seperti yang terdapat di Cawangan Pencegahan dan Rampasan, Ibu Pejabat. Selain itu, Stesen Teluk Intan, Perak telah mengesahkan peralatan yang diterima adalah *Lamp Light Turboflare SOS* bukan *Lamp Pal Light* seperti dalam surat agihan. Pemeriksaan selanjutnya mendapati Cawangan Pencegahan dan Rampasan, Ibu Pejabat masih mempunyai 10 unit *Lamp Light Turboflare SOS* yang belum diagihkan sedangkan hanya 5 unit dibeli. Sekiranya hanya *Lamp Light Turboflare SOS* dibekalkan, ini bermakna JKDM telah terlebih bayar RM20,000 bagi perolehan 10 unit *Lamp Pal Light. Lamp Light Turboflare SOS* yang masing-masing diterima dan didaftarkan di Rantau Panjang, Kelantan dan Cawangan Pencegahan dan Rampasan, Ibu Pejabat adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 12.1




GAMBAR 12.2



Stesen Kastam Rantau Panjang, Kelantan
- Lamp Light Turboflare Sos Didaftarkan Sebagai Lamp Pal Light Berharga RM16,000 Seunit
(Sumber: JKDM Kelantan)

GAMBAR 12.3



GAMBAR 12.4



Cawangan Pencegahan Dan Rampasan, Ibu Pejabat
- Lamp Light Turboflare SOS Berharga RM14,000 Seunit
(Sumber: Cawangan Pencegahan Dan Rampasan, Ibu Pejabat)

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

JKDM bersetuju hanya Lamp Light Turboflare SOS yang dibekalkan dan telah membuat pembayaran berdasarkan invois syarikat dan harga yang ditetapkan dalam kontrak.

Mengikut maklum balas CMCA, kelemahan memang wujud dalam Senarai Harga yang ditetapkan dalam kontrak PERB/PK/4/2005. Bagaimanapun mulai tahun 2010, iaitu melalui kontrak baru (PERB/PK/7/2010), CMCA telah menambah baik sistem katalog dengan menyatakan butiran peralatan dengan lebih terperinci serta membangunkan sistem katalog melalui Internet. Dengan sistem katalog dalam Internet, pengguna di Kementerian/Jabatan akan diberi nama pengguna (user name) dengan kata laluan khas untuk mengakses sistem bagi melihat jenis, nama, model, harga serta gambar peralatan sebelum membuat pesanan.

Pada pendapat Audit, tanpa Nombor Stok Nasional, jenis, model dan jenama peralatan dalam Pesanan Kerajaan dan invois pembekal telah mengakibatkan Pegawai Penerima tidak dapat mengenal pasti peralatan sebenar yang dipesan dan diterima. Oleh itu, kelemahan ini telah menyebabkan pengesahan penerimaan peralatan tidak dapat dibuat dengan terperinci dan pegawai tidak menyedari kesilapan atau telah memperakukan terimaan peralatan yang tidak mematuhi spesifikasi.

12.5.4.2. Pendaftaran Peralatan

a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 (Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan) yang berkuat kuasa 2 Mac 2007 menetapkan antara lainnya:

   i. Semua aset alih Kementerian/Jabatan didaftarkan di KEW.PA-2 atau KEW.PA-3 dan menyediakan senarai aset yang lengkap di KEW.PA-4 atau KEW.PA-5.

   ii. Tanggungjawab Pegawai Aset untuk memindahkan semua maklumat berkaitan Harta Modal dan Inventori di bawah kawalannya bagi tahun 2006 dari borang lama KEW.312 dan KEW.313 kepada borang baru KEW.PA-2, KEW.PA-3, KEW.PA-4 dan KEW.PA-5 dengan secepat mungkin tetapi tidak melebihi tempoh 6 bulan mulai dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

   iii. Semua aset baru hendaklah didaftarkan dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan dan daftar asal disimpan oleh Pegawai Aset dan salinannya disimpan di lokasi.

   iv. Aset perlu dilabel dengan tanda pengenalan “Hak Kerajaan Malaysia” dan nombor siri pendaftarannya.

b. Semakan Audit terhadap proses pendaftaran alat bantu kerja mendapati perkara berikut:

   i. Pada tahun 2006, alat bantu kerja bagi aktiviti penguatkuasaan telah diuruskan oleh Cawangan Marin Dan Khidmat Sokongan sekarang dikenali sebagai Cawangan Rampasan dan Pencegahan, Bahagian Penguatkuasaan. Bagi peralatan yang diagihkan ke JKDM semasa itu, adalah menjadi tanggungjawab JKDM negeri untuk mendaftarkan semua aset yang diterima.

   ii. Dengan kuat kuasanya Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, pendaftaran aset dijalankan oleh Unit Pengurusan Aset Ibu Pejabat. Sekiranya aset dihantar/agih ke negeri, pihak JKDM negeri dimaklumkan secara lisan untuk menyediakan KEW.PA-2 *dummy* (daftar sementara) sementara menunggu KEW.PA-2 Ibu Pejabat.

iii. Pihak Audit mendapati maklumat di KEW.PA-2 Ibu Pejabat adalah berbeza daripada maklumat KEW.PA-2 *dummy* yang disediakan oleh pihak JKDM negeri. Ini mengakibatkan Pegawai Aset di negeri tidak pasti sama ada KEW.PA-2 yang diterima kemudian adalah untuk aset yang dimaksudkan. Sebagai contoh, berdasarkan surat agihan, set *Binoculars c/w Compass* bernilai RM9,250 seunit telah dihantar ke negeri dan semua negeri telah merekodkan aset ini dengan betul. Bagaimanapun, Unit Pengurusan Aset Ibu Pejabat telah merekodkan peralatan ini dengan harga RM35,000. Perbezaan harga antara rekod KEW.PA-2 yang diselenggarakan oleh negeri dan Unit Pengurusan Aset juga berlaku untuk peralatan set Sekatan Jalan Raya dan *Duty Belt*. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.12
NILAI DAN NO. PENDAFTARAN ASET YANG BERBEZA ANTARA REKOD NEGERI DAN IBU PEJABAT

PERALATAN	STESEN KASTAM	JKDM NEGERI		UNIT PENGURUSAN ASET	
		NO. PENDAFTARAN	HARGA (RM)	NO. PENDAFTARAN	HARGA (RM)
Set Sekatan Jalan Raya	Miri, Sarawak	KK/KDRM/Y15420/ PENCEGAHAN/H4020/07/32	9,256	KK/KDRM/H12100/H4020/06/(P)34	6,038
	Kuching, Sarawak	L-Y1520040000542007		KK/KDRM/H12100/H4020/06/(P)32	
	Bukit Kayu Hitam, Kedah	KK/KDRM/Y15420/H4020/06		KK/KDRM/H12100/H4020/06/(P)6	
	Rantau Panjang, Kelantan	KK/KDRM D11/07/01		KK/KDRM/H12100/H4020/06-(P)30	
	Pengkalan Kubor, Kelantan	KK/KDRM D12/07/07		KK/KDRM/H12100/H4020/06-(P)31	
	Bukit Kayu Hitam, Kedah	KK/KDRM 15420/H/4020/06		KK/KDRM/H12100/H4020/06-(P)6	
Binoculars c/w Compass	Rantau Panjang, Kelantan	KK/KDRM/D11/H/07/08	9,250	KK/KDRM/H12100/H4011/06 (P)1446	35,000
	Pengkalan Kubor, Kelantan	KK/KDRM/D12/H/07/01	9,250	KK/KDRM/H12100/H4011/06 (P)1447	
Duty Belt	Rantau Panjang, Kelantan	KK/KDRM/D11/H/07/04	3,672.50	KK/KDRM/H12100/H4036/06(P)265	1,077
	Pengkalan Kubor, Kelantan	KK/KDRM/D11/H/07/03(1)		KK/KDRM/H12100/H4036/06(P)269	

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Tindakan penambahbaikan telah diambil di mana JKDM, Ibu Pejabat sedang dalam proses menyediakan KEW.PA-2 asal ke atas semua perolehan peralatan yang telah dibekalkan ke negeri. Perolehan baru peralatan penguatkuasaan hanya akan dibekalkan ke negeri setelah KEW.PA-2 disediakan.

Perbezaan harga ke atas KEW.PA-2 yang disediakan oleh negeri dengan Ibu Pejabat adalah berpunca daripada kaedah penetapan harga ke atas peralatan yang dibekalkan/diterima. Bagi peralatan Binoculars c/w Compass, harga sebenar adalah RM9,250, Bahagian Pengurusan Aset Ibu Pejabat telah tersilap meletakkan harga berjumlah RM35,000.

iv. Sehingga akhir tahun 2011, pendaftaran aset yang diperolehi pada tahun 2006 hingga 2010 masih belum selesai. Sebagai contoh, terdapat 10 jenis peralatan yang masih belum didaftarkan walaupun telah diagihkan antara tahun 2006 hingga 2010 kerana belum menerima KEW.PA-2 dari Unit Pengurusan Aset, Ibu Pejabat JKDM. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.13
PERALATAN YANG BELUM DIDAFTARKAN

PERALATAN	TAHUN PEROLEHAN	NEGERI/STESEN KASTAM
Camera Thermal Imager	2006	Sandakan dan Tawau
Duty Belt	2006	Tawau
GPS Navman 5505i	2007 - 2010	Semua negeri yang dilawati
Lamp Static Balloon	2007	Tawau
Lampu *Beacon*	2006	Tawau
Maglite Torchlight Rechargeable	2008-2010	Langkawi, Sandakan dan Tawau
Search Light Hella	2010	Pengkalan Kubor, Tawau dan Lahad Datu
Set Sekatan Jalan Raya	2006	Tawau dan Lahad Datu
Walkie Talkie Garmin	2007	Langkawi

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Kesemua 10 peralatan yang dinyatakan telah didaftarkan dalam KEW.PA-2 dummy di negeri masing-masing dan salinan KEW.PA-2 tersebut telah pun dipanjangkan ke Ibu Pejabat untuk mewujudkan KEW.PA-2 yang asal.

v. Pelabelan "Hak Kerajaan Malaysia" dan nombor siri pendaftaran aset tidak dibuat secara menyeluruh.

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

JKDM mengambil maklum teguran Audit dan akan melakukan pelabelan secepat mungkin. Perolehan peralatan yang baru akan dibuat pelabelan di peringkat Ibu Pejabat sebelum diagihkan ke negeri. JKDM telah melantik Pegawai Penerima Aset di peringkat Ibu Pejabat dan negeri bagi menangani masalah perolehan, pengagihan dan perekodan alat bantu kerja.

Pada pendapat Audit, pendaftaran dan pelabelan alat bantu kerja bagi aktiviti penguatkuasaan adalah kurang memuaskan dan kelemahan ini boleh menyebabkan kehilangan dan penyalahgunaan aset tanpa disedari oleh pihak JKDM.

12.5.4.3. Penggunaan Peralatan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, semua aset Kerajaan hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi tujuan mengurangkan pembaziran; menjimatkan kos; mencapai jangka hayat; mencegah penyalahgunaan; dan mengelakkan kehilangan. Sehubungan itu, pekeliling yang sama juga menetapkan pergerakan aset bagi tujuan pinjaman, kegunaan atau penempatan sementara hendaklah direkodkan pada Buku Daftar Pergerakan Harta Modal/Inventori (KEW.PA-6). Semakan Audit terhadap penggunaan alat bantu kerja bagi aktiviti penguatkuasaan mendapati perkara berikut:

a. Penggunaan dan penempatan sementara peralatan untuk tujuan operasi tidak direkodkan ke dalam KEW.PA-6. Perkara ini berlaku di Stesen Kastam Kota Bharu, Pengkalan Kubor, Kelantan; Alor Setar, Sungai Petani, Bukit Kayu Hitam, Kedah; Kota Kinabalu, Sabah; dan Kuching, Sarawak. Adalah didapati permohonan penggunaan peralatan dibuat secara lisan kepada pegawai yang bertanggungjawab dan pegawai berkenaan hanya membuat catatan sendiri sebagai rekod. Perkara ini menyebabkan lokasi peralatan tidak dapat dikesan serta kekerapan penggunaannya tidak dapat ditentukan.

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

JKDM telah mengambil langkah untuk merekodkan pergerakan, penggunaan dan penempatan sementara peralatan dalam KEW.PA-6. Surat arahan mengenainya telah dikeluarkan kepada semua Pejabat Kastam Negeri.

b. Berdasarkan temu bual dan pemeriksaan fizikal peralatan semasa lawatan Audit, terdapat peralatan yang tidak digunakan secara optimum atau tidak digunakan langsung. Ada juga peralatan yang masih berada di dalam bungkusan dan belum dibuka. Pihak Audit dimaklumkan antara lainnya, peralatan tidak/kurang digunakan adalah disebabkan oleh:

i. *Walkie Talkie Garmin* sudah digantikan dengan *Government Integrated Radio Network* (GIRN) pada tahun 2009.

ii. GPS Garmin sudah *outdated*.

iii. Kabel yang dibekalkan bersama *Video Camera Digital Sony* tidak sesuai untuk digunakan.

iv. Berdasarkan laporan demonstrasi *Lamp Light Turboflare SOS* yang dijalankan pada 26 Ogos 2007 di Cawangan Pencegahan Rantau Panjang, Kelantan, peralatan ini adalah tidak sesuai untuk digunakan kerana cahayanya malap dan berpendapat peralatan itu tidak diperlukan. Bagaimanapun, perolehan terhadap 5 unit peralatan tersebut berjumlah RM14,000 seunit telah dibuat oleh Ibu Pejabat pada 28 November 2007.

c. Peralatan bernilai RM4.44 juta yang kurang/tidak digunakan adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 12.14
PERALATAN TIDAK DIGUNAKAN SECARA OPTIMUM ATAU LANGSUNG TIDAK DIGUNAKAN

PERALATAN	NEGERI/STESEN	HARGA SEUNIT (RM)	KUANTITI	NILAI (RM)
Walkie Talkie Garmin	Semua Negeri	8,300	300	2,490,000
	Semua Negeri	5,259.80	100	525,980
Baju Kalis Peluru	Kota Kinabalu	1,200	8	9,600
Baju Kalis Peluru-Hitam	Langkawi	4,003	24	96,072
Baju Kalis Peluru-Putih	Langkawi	3,338	4	13,352
Camera Thermal Imager	Kota Bharu, Kota Kinabalu dan Kuching **(Gambar 12.5)**	205,000	3	615,000
Duty Belt	Alor Setar **(Gambar 12.6)**, Kota Bharu, Pengkalan Kubor, Sg. Petani, Bukit Kayu Hitam dan Kota Kinabalu	3,672.50	36	132,210
	Miri	4,308	4	17,232
GPS Garmin	Kota Bharu, Kota Kinabalu, Kuching, Langkawi, Miri, Pengkalan Kubor dan Sibu	8,700	9	78,300
GPS Navman	Kuching	6,174	2	12,348
Jaket Kalis Peluru	Sandakan	4,003	5	20,015
	Alor Setar dan Kota Bharu	1,700	13	22,100
*Lamp Light Turboflare SOS**	Rantau Panjang	16,000	2	32,000
Lamp Static Balloon	Alor Setar **(Gambar 12.7)**, Kota Kinabalu, Miri dan Sg. Petani	40,000	4	160,000
Mobile Operation Bag	Alor Setar dan Rantau Panjang **(Gambar 12.8)**	9,283	3	27,849
Search Light Hella	Alor Setar **(Gambar 12.9)**, Kota Kinabalu, Kuching, Pengkalan Kubor dan Sg. Petani	2,000	40	80,000
Search Light Portable	Kota Bharu	18,000	1	18,000
Set Sekatan Jalan Raya	Bukit Kayu Hitam **(Gambar 12.10)** dan Kota Kinabalu	9,256	2	18,512
Tape Recorder	Kuching & Sibu	1,900	2	3,800
Binoculars c/w Compass	Alor Setar, Kota Kinabalu, Rantau Panjang dan Sibu	9,250	5	46,250

PERALATAN	NEGERI/STESEN	HARGA SEUNIT (RM)	KUANTITI	NILAI (RM)
Video Camera Digital Sony	Kuching dan Sibu	9,000	2	18,000
JUMLAH				**4,436,620**

Nota: ***(*) - Peralatan Didaftarkan Sebagai Lamp Pal Light***

GAMBAR 12.5



JKDM Kuching, Sarawak
- Camera Thermal Imager Yang Tidak Digunakan
(13.02.2012)

GAMBAR 12.6



JKDM Alor Setar, Kedah
- Duty Belt Yang Tidak Digunakan
(08.01.2012)

GAMBAR 12.7



JKDM Alor Setar, Kedah
- Lamp Static Balloon Masih Dibalut Plastik
(08.01.2012)

GAMBAR 12.8



JKDM Rantau Panjang, Kelantan
- Mobile Operation Bag Yang Tidak Digunakan
(19.12.2012)

GAMBAR 12.9



JKDM Alor Setar, Kedah
- Search Light Hella Yang Masih Disimpan Dalam Kotak Asal
(08.01.2012)

GAMBAR 12.10



JKDM Bukit Kayu Hitam, Kedah
- Set Sekatan Jalan Raya Yang Masih Dibalut Plastik
(10.01.2012)

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

JKDM bersetuju bahawa peralatan tidak digunakan secara optimum kerana penggunaan peralatan adalah bergantung pada jenis operasi seperti penyeludupan dadah, jenayah terancang dan risikan. Kesemua peralatan yang telah dibekalkan ke negeri adalah berasaskan keperluan semasa dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dan penggunaannya bergantung kepada kekerapan pelaksanaan aktiviti dan jenis operasi. Kajian semula keperluan penempatan peralatan akan dibuat oleh Ibu Pejabat dan arahan kepada negeri bagi mengembalikan peralatan yang tidak digunakan telah dikeluarkan. Peralatan yang tidak digunakan secara optimum di negeri akan diagihkan kepada negeri/bahagian lain yang lebih memerlukan.

Pada pendapat Audit, alat bantu kerja bagi aktiviti penguatkuasaan tidak digunakan dengan cekap bagi mendapatkan *value for money* di atas apa yang telah dibelanjakan.

12.5.4.4. Pemeriksaan Fizikal

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan pemeriksaan aset dilakukan setiap tahun ke atas fizikal, rekod dan penempatan bagi tujuan untuk mengetahui keadaan dan prestasinya di samping memastikan setiap aset mempunyai daftar/rekod yang lengkap dan kemas kini serta berada di lokasi seperti tercatat dalam daftar. Semakan Audit terhadap tanggungjawab menjalankan pemeriksaan fizikal aset mendapati perkara berikut:

a. Pemeriksaan aset telah dijalankan setiap tahun di semua 11 stesen Kastam yang dilawati. Bagaimanapun, terdapat 6 stesen kastam yang mana pemeriksaan tidak dibuat secara menyeluruh terhadap semua aset. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.15
PEMERIKSAAN ASET

NEGERI	STESEN	SEMUA ASET DIPERIKSA YA (✓) / TIDAK (✗)
Sarawak	Kuching	✓
	Miri	✓
	Sibu	✓
Kedah	Alor Setar	✗
	Bukit Kayu Hitam	✗
	Langkawi	✓
	Sg. Petani	✗
Sabah	Kota Kinabalu	✓
Kelantan	Kota Bharu	✗
	Pengkalan Kubor	✗
	Rantau Panjang	✗

b. Pengagihan peralatan oleh Cawangan Pencegahan Dan Rampasan, Ibu Pejabat diiringi dengan surat pembekalan dan penerimaan sebagai bukti pengagihan telah dibuat. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan bilangan sebenar peralatan yang telah diagihkan ke negeri kerana tidak semua rekod pengagihan dan penerimaan dikemukakan. Semakan hanya dibuat berdasarkan surat agihan/buku stok yang disimpan di Cawangan Pencegahan Dan Rampasan, Ibu Pejabat dan rekod KEW.PA-2 dan KEW.PA-4 di negeri. Pihak Audit mendapati 21 unit peralatan bernilai RM109,700 tidak dapat dikesan semasa pemeriksaan Audit. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.16
SENARAI PERALATAN YANG GAGAL DIKESAN SEMASA PEMERIKSAAN AUDIT

STESEN / CAWANGAN	PERALATAN	KEW.PA2/4	PERALATAN YANG TIDAK DAPAT DIKESAN		
			BIL.	HARGA SEUNIT (RM)	NILAI (RM)
Cawangan Risikan, Ibu Pejabat	Garmin *GPS*	Tiada	1	8,700	8,700
Kedah	*Walkie Talkie* Garmin	Tiada	10	8,300	83,000
	Maglite Torchlight Rechargeable	Tiada	10	1,800	18,000
JUMLAH			**21**		**109,700**

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

JKDM telah menubuhkan pasukan untuk membuat pemeriksaan ke semua negeri bagi menentukan kedudukan sebenar peralatan pencegahan yang dibekalkan. Perintah Tetap Pencegahan berkaitan dengan perolehan, pengagihan dan perekodan peralatan alat bantu kerja sedang dibangunkan dan akan diedarkan dalam masa terdekat. Peralatan yang tidak ditemui telah disahkan hilang dan laporan polis telah dibuat.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam perekodan dan kawalan fizikal telah mengakibatkan kehilangan peralatan.

12.6. SYOR AUDIT

Memandangkan skop pengauditan ini hanya dijalankan di Ibu Pejabat dan 5 negeri, tindakan menyeluruh ke semua negeri perlu dibuat bagi memastikan pengurusan peralatan dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan. Oleh itu, bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan JKDM mengambil tindakan seperti berikut:

12.6.1. Melantik Jawatankuasa Khas untuk menyiasat kes *Improper Payment* seperti perolehan harta modal tanpa kelulusan Pegawai Pengawal dan pembelian peralatan tanpa kelulusan jawatankuasa yang bertanggungjawab.

12.6.2. Perancangan awal hendaklah dibuat bagi mengenal pasti keperluan peralatan dengan mengambil kira maklum balas dari JKDM negeri selaku pengguna.

12.6.3. Memastikan setiap Pesanan Kerajaan dan invois pembekal mempunyai maklumat yang terperinci seperti jenis, jenama, model dan spesifikasi untuk memudahkan Pegawai Penerima mengesahkan spesifikasi dan kualiti sebenar peralatan yang diterima. Satu pasukan khas perlu ditubuhkan untuk menyemak semua alat bantu kerja yang telah diperolehi semasa RMKe-9 dan memastikan jenis, jenama, model dan spesifikasi peralatan yang diterima/bayar adalah berdasarkan spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan. Satu laporan mengenainya hendaklah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Jabatan Audit Negara.

12.6.4. Mengambil tindakan segera untuk memastikan semua aset didaftarkan dengan tepat dan kemas kini serta peralatan yang diagihkan ke negeri hendaklah diiringi dengan KEW.PA-2/KEW.PA-3.

12.6.5. Memastikan penggunaan peralatan direkodkan secara teratur dalam KEW.PA-6 dan mengambil tindakan proaktif untuk memastikan semua peralatan dimanfaatkan sepenuhnya.

12.6.6. Menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap semua alat bantu kerja yang diperolehi dengan kadar segera dan selaras dengan Arahan Perbendaharaan, laporan awal hendaklah disediakan dengan serta-merta sekiranya terdapat kes kehilangan peralatan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 96-100
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN KEWANGAN

13. JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
- PENGURUSAN BARANG RAMPASAN DAN LUCUT HAK

13.1. LATAR BELAKANG

13.1.1. Akta Kastam 1967 memberi kuasa kepada Pegawai Kastam untuk menyita apa-apa barang yang disyaki telah melanggar Akta Kastam. Barangan yang disita akan menjadi barang rampasan Kastam dan disimpan di Stor Penguatkuasaan di bawah jagaan Pegawai Kastam. Manakala barang-barang lucut hak Kastam merupakan semua jenis barangan yang dirampas dan dilucut hak kepada Kerajaan berdasarkan Perintah Mahkamah (Seksyen 127 Akta Kastam 1967) atau barangan tidak dituntut dalam tempoh satu bulan dari tarikh rampasan (Seksyen 128 Akta Kastam 1967) atau selepas rayuan kepada Menteri Kewangan ditolak (Seksyen 129 Akta Kastam 1967).

13.1.2. Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) adalah bertanggungjawab untuk membanteras segala bentuk penyeludupan dan penyelewengan bagi memastikan segala undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditadbir oleh JKDM dipatuhi sepenuhnya. Dengan demikian, hasil negara serta kepentingan masyarakat sentiasa dipelihara dan dilindungi tanpa mengganggu transaksi perdagangan yang sah.

13.1.3. Dalam melaksanakan tanggungjawab ini, Bahagian Penguatkuasaan telah berjaya merampas barangan yang terdiri dari komoditi yang berisiko tinggi seperti rokok, minuman keras, kenderaan dan tekstil. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, bahagian ini telah merampas barangan bernilai RM1.365 bilion yang melibatkan cukai Kastam berjumlah RM1.316 bilion. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.1
NILAI DAN CUKAI BARANG YANG DIRAMPAS OLEH BAHAGIAN PENGUATKUASAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

JENIS KOMODITI	2009		2010		2011		JUMLAH	
	NILAI (RM Juta)	CUKAI (RM Juta)	NILAI (RM Juta)	CUKAI (RM Juta)	NILAI (RM Juta)	CUKAI (RM Juta)	NILAI (RM Juta)	CUKAI (RM Juta)
Jubin	1.58	0.88	116.39	86.95	1.25	0.64	119.22	88.47
Rokok	70.90	250.58	86.90	310.75	61.93	359.65	219.73	920.98
Dadah	62.49	-	44.44	-	183.78	-	290.71	-
Kenderaan	23.73	22.25	31.58	32.58	31.74	20.80	87.05	75.63
Barangan Elektrik	2.62	0.45	17.30	4.58	3.18	0.85	23.10	5.88
Peralatan Telekomunikasi	14.31	2.82	12.63	2.24	4.02	0.22	30.96	5.28
Minuman Keras	7.06	17.50	12.48	30.39	9.41	23.62	28.95	71.51
Mercun Dan Bunga Api	5.61	3.68	11.12	7.22	7.81	5.07	24.54	15.97
Tekstil	3.49	0.69	3.91	0.93	56.56	8.47	63.96	10.09
Tayar	2.42	1.14	2.25	1.17	7.03	3.65	11.70	5.96
Beras	0.41	0.03	1.74	0.03	0.85	0.27	3.00	0.33
Multi Media Disc	0.08	0.01	0.14	0.02	0.21	0.04	0.43	0.07
Lain-lain	137.86	29.72	166.8	38.29	157.13	48.17	461.79	116.18
JUMLAH	**332.56**	**329.75**	**507.68**	**515.15**	**524.90**	**471.45**	**1,365.14**	**1,316.35**

13.1.4. Setakat akhir tahun 2011, nilai keseluruhan barang rampasan yang masih disimpan di semua Stor Penguatkuasaan JKDM adalah berjumlah RM4.072 bilion. Pengurusan dan kawalan barang rampasan dan lucut hak JKDM mendapat pungutan hasil melalui jualan kenderaan dan barang lucut hak.

13.1.5. Pengauditan telah dijalankan terhadap Pengurusan Dan Kawalan Barang Rampasan Dan Lucut Hak pada tahun 2007 dan hasil daripada pengauditan ini telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007. Skop pengauditan pada ketika itu merangkumi 6 negeri, iaitu Johor, Kedah, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sarawak dan Selangor. Antara kelemahan yang dibangkitkan adalah berkaitan pemantauan oleh Ketua Bahagian, kebersihan dan keselamatan stor, penyimpanan dan pengendalian barang rampasan, jangka masa yang diambil untuk menyelesaikan kes dan penyelenggaraan rekod dan dokumen.

13.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Pengurusan Dan Kawalan Barang Rampasan Dan Lucut Hak JKDM diurus secara teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

13.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan terhadap Pengurusan Dan Kawalan Barang Rampasan Dan Lucut Hak JKDM bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 di Ibu Pejabat Bahagian Penguatkuasaan JKDM dan 5 JKDM negeri (Melaka, Pahang, Perak, Perlis dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) yang tidak termasuk dalam sampel pengauditan tahun 2007. Sebanyak 9 Stor Penguatkuasaan di negeri yang dipilih sebagai sampel audit mempunyai nilai barang rampasan berjumlah RM932.75 juta, iaitu 22.9% daripada nilai keseluruhan barang rampasan berjumlah RM4.072 bilion yang masih disimpan di Stor Penguatkuasaan setakat akhir tahun 2011. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.2
STOR PENGUATKUASAAN JKDM YANG DILAWATI
DENGAN NILAI BARANG RAMPASAN SETAKAT 31 DISEMBER 2011

NEGERI	STOR PENGUATKUASAAN	NILAI BARANG RAMPASAN (RM Juta)
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Petaling Jaya	612.32
Perak	Teluk Intan/Hutan Melintang	111.78
	Taiping	25.04
	Ipoh	21.28
Melaka	Bandar Hilir/Ayer Keroh/Bukit Baru	68.80
Pahang	Kuantan	52.85
	Bentong	8.11
Perlis	Padang Besar	25.82
	Kangar/Kuala Perlis	6.75
JUMLAH		**932.75**

13.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan rekod dan dokumen, testimoni melalui temu bual dan analisis terhadap data yang berkaitan. Selain itu, pemeriksaan fizikal juga dijalankan di Stor Penguatkuasaan yang terpilih.

13.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Januari hingga Mac 2012 mendapati perkara seperti berikut:

i. Pengurusan Dan Kawalan Barang Rampasan Dan Lucut Hak JKDM secara umumnya telah mencapai objektif yang ditetapkan di mana berlaku peningkatan hasil jualan kenderaan dan barang lucut hak sebanyak 388.9%, iaitu daripada RM3.15 juta pada tahun 2009 kepada RM15.40 juta pada tahun 2011;

ii. prestasi pungutan hasil ini masih boleh dipertingkatkan sekiranya proses siasatan untuk melucut hak kenderaan yang dirampas dapat diselesaikan dengan segera supaya dapat mengurangkan susut nilai kenderaan tersebut; dan

iii. terdapat beberapa kelemahan yang lain seperti ketidakcekapan dalam penyelesaian kes, kelemahan dalam penyelenggaraan daftar/rekod, kebersihan/keselamatan Stor Penguatkuasaan dan pemantauan yang kurang efektif.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui serta maklum balas JKDM adalah seperti berikut:

13.5.1. Prestasi Pengurusan Dan Kawalan Barang Rampasan Dan Lucut Hak

13.5.1.1. Barang yang dirampas dan dilucut hak akibat penguatkuasaan perlu diambil tindakan pelupusan segera untuk menjamin pulangan hasil yang maksimum. Selain itu, pengurusan Stor Penguatkuasaan yang cekap boleh meningkatkan pulangan hasil kerana dapat mengelakkan daripada susut nilai yang tinggi.

13.5.1.2. Semakan Audit terhadap prestasi Pengurusan Dan Kawalan Barang Rampasan Dan Lucut Hak JKDM mendapati perkara berikut:

a. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, Bahagian Penguatkuasaan telah memungut hasil berjumlah RM83.63 juta seperti ditunjukkan dalam jadual berikut:

JADUAL 13.3
PUNGUTAN HASIL BAHAGIAN PENGUATKUASAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

JENIS HASIL	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Bayaran Denda Kompaun	7.40	2.84	4.80	15.04
Kutipan Cukai Kes Kurang Pungut	9.55	13.75	24.69	47.99
Hasil Jualan Kenderaan Lucut Hak	1.45	1.58	11.02	14.05
Hasil Jualan Barang Lucut Hak	1.70	0.47	4.38	6.55
JUMLAH BESAR	**20.10**	**18.64**	**44.89**	**83.63**

b. Pungutan hasil Bahagian Penguatkuasaan melalui jualan kenderaan dan barang lucut hak bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 adalah berjumlah RM20.60 juta di mana berlaku peningkatan hasil sebanyak 388.9%, iaitu daripada RM3.15 juta pada tahun 2009 kepada RM15.40 juta pada tahun 2011. Bagaimanapun, pada tahun 2010 berlaku penurunan hasil berjumlah RM1.10 juta iaitu 34.9% tetapi meningkat semula berjumlah RM13.35 juta iaitu 651.2% pada tahun 2011. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.4
PUNGUTAN HASIL JUALAN KENDERAAN DAN BARANG LUCUT HAK
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	HASIL JUALAN (RM Juta)	PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
		(RM Juta)	(%)
2009	3.15	-	-
2010	2.05	(1.10)	(34.9)
2011	15.40	13.35	651.2
JUMLAH	**20.60**	**12.25***	**388.9***

Nota: ***(*) - Perbandingan Antara Hasil 2009 Dan 2011***

Pada pendapat Audit, prestasi Bahagian Penguatkuasaan dalam memaksimumkan pungutan hasil adalah baik di mana ia telah berjaya meningkatkan hasil sebanyak 388.9% pada tahun 2011 berbanding tahun 2009.

13.5.2. Pengurusan Dan Kawalan Barang Rampasan

13.5.2.1. Siasatan Terhadap Kes Barang Rampasan

Dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawabnya, JKDM melalui piagam pelanggan yang diwujudkan komited untuk menyiapkan siasatan dalam tempoh satu bulan bagi kertas siasatan yang melibatkan rampasan dan 3 bulan bagi kertas siasatan yang melibatkan tangkapan. Dalam pada itu, kenderaan rampasan adalah kategori barangan bernilai tinggi yang dapat memberi impak kepada pungutan hasil sekiranya ia dilupuskan dalam tempoh yang singkat. Pelupusan kenderaan rampasan yang mengambil masa yang lama akan mengakibatkan penurunan hasil yang ketara kerana susut nilai kenderaan adalah tinggi khususnya apabila ia terletak di kawasan yang terdedah kepada cuaca dan kepanasan matahari. Semakan Audit terhadap proses siasatan kes barang rampasan mendapati perkara berikut:

a. Sebanyak 108 kertas siasatan iaitu 70.1% daripada 154 sampel yang dipilih di 5 negeri yang dilawati masih dalam proses siasatan selepas tempoh 3 bulan. Keadaan tersebut berlaku disebabkan pegawai penyiasat perlu berurusan dengan pelbagai pihak dan agensi seperti Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, SIRIM, Jabatan Kimia, JPJ, PUSPAKOM, JKR dan bank berkaitan untuk mendapatkan maklumat bagi memperkukuhkan kertas siasatan. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.5
TEMPOH MASA UNTUK MENYELESAIKAN KERTAS SIASATAN YANG MELIBATKAN BARANG RAMPASAN

NEGERI	BIL. SAMPEL AUDIT	SELESAI		DALAM SIASATAN	
		BIL.	(%)	BIL.	(%)
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	38	7	18.4	31	81.6
Perlis	19	5	46.2	14	73.7
Melaka	28	9	33.9	19	67.9
Perak	56	19	75.0	37	66.1
Pahang	13	6	26.3	7	53.8
JUMLAH	**154**	**46**	**29.9**	**108**	**70.1**

b. Setakat akhir bulan Disember 2011, sebanyak 806 buah kenderaan rampasan masih disimpan di Stor Penguatkuasaan di 5 negeri yang dilawati. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 212 buah kenderaan (26.3%) adalah kenderaan rampasan yang melebihi 5 tahun dan sebanyak 85 buah kenderaan tersebut (10.5%) adalah berstatus “masih dalam siasatan”. Stor Penguatkuasaan Kuantan, Pahang mempunyai kenderaan rampasan dalam simpanan melebihi 5 tahun tetapi masih dalam siasatan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 51 buah kenderaan (53.1%) daripada 96 buah kenderaan yang disimpan setakat bulan Disember 2011. Maklumat lanjut sebagaimana di jadual berikut:

JADUAL 13.6
STATUS KENDERAAN RAMPASAN SETAKAT BULAN DISEMBER 2011

STOR PENGUATKUASAAN	KENDERAAN RAMPASAN JABATAN									
	JUMLAH	STATUS KES MELEBIHI 5 TAHUN								
		BIL.	(%)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f)	(g)
Kuantan	96	68	70.8	14	51	1	1	1	-	53.1%
Kelana Jaya	238	60	25.2	22	28	10	-	-	-	11.8%
Ipoh	55	18	32.7	13	3	2	-	-	-	5.5%
Bandar Hilir/Ayer Keroh/Bukit Baru	91	31	34.1	22	3	1	-	1	4	3.3%
Teluk Intan/Hutan Melintang	232	19	8.2	19	-	-	-	-	-	-
Taiping	49	14	28.6	12	-	-	2	-	-	-
Kangar/Kuala Perlis	21	2	9.5	1	-	1	-	-	-	-

STOR PENGUATKUASAAN	KENDERAAN RAMPASAN JABATAN									
	JUMLAH	STATUS KES MELEBIHI 5 TAHUN								
		BIL.	(%)	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f)	(g)
Padang Besar	19	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Bentong	5	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	**806**	**212**	**26.3**	**103**	**85**	**15**	**3**	**2**	**4**	**10.5%**

Nota: ***(a) Proses Lupus*** ***(b) Siasatan*** ***(c) Mahkamah*** ***(d) Proses Kompaun*** ***(e) Pemulangan*** ***(f) Tiada Maklumat*** ***(g) Peratusan Kenderaan Rampasan Melebihi 5 Tahun Yang Masih Dalam Siasatan***

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Sejumlah 23 kenderaan rampasan telah dilupuskan pada 12 April 2012 melalui tender bersepadu jabatan Bil. 1/2012 melibatkan 2 kenderaan di Stor Penguatkuasaan Pahang, 14 di Perak dan 7 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Selain itu, 7 kenderaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dilupuskan secara lusuh (scrap).

Pada pendapat Audit, proses siasatan yang melibatkan barang rampasan adalah kurang cekap apabila sebanyak 70.1% kertas siasatan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, terdapat sebanyak 10.5% kenderaan rampasan masih dalam siasatan walaupun telah dirampas melebihi 5 tahun yang lepas. Proses siasatan yang kurang cekap khususnya terhadap kenderaan rampasan boleh mengakibatkan pulangan hasil yang rendah semasa pelupusan/jualan dijalankan disebabkan susut nilai kenderaan.

13.5.2.2. Pendaftaran Barang Rampasan

Mengikut Perintah Tetap Pencegah Bil. 13, barang rampasan yang disimpan di dalam Stor Penguatkuasaan hendaklah direkodkan ke dalam Daftar Barang Rampasan (DBR) oleh Pegawai Stor sebagai barang-barang tersebut diterima masuk ke dalam stor. Barang rampasan atau bekas-bekas penyimpanannya juga perlu dilabel dengan terang dan label yang rosak atau terpadam hendaklah digantikan dengan serta-merta bagi memudahkan pemantauan dan pemeriksaan fizikal. Selain itu, DBR hendaklah mengandungi senarai terperinci mengenai butiran barangan yang dirampas bagi memudahkan urusan pemantauan dan penyediaan laporan. Semakan Audit mendapati proses pendaftaran barang rampasan di Stor Penguatkuasaan yang dilawati adalah teratur kecuali perkara berikut:

a. Dua buah kenderaan rampasan di Stor Penguatkuasaan Kangar, Perlis tidak direkodkan di dalam DBR. Oleh itu, kedua-dua kenderaan tersebut tidak mempunyai label bagi tujuan mengenal pasti kertas siasatan yang berkaitan. Perkara ini hanya disedari selepas berlaku pertukaran Pegawai Stor. Kenderaan tersebut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 13.1



GAMBAR 13.2



Stor Penguatkuasaan Kangar, Perlis
- Kenderaan Rampasan Tidak Didaftar Serta Tiada Label
(28.02.2012)

b. Di Stor Penguatkuasaan Kuantan, Pahang sebanyak 9 buah kenderaan rampasan iaitu satu Perodua Kembara dan 8 buah Land Rover tidak dilabelkan. Keadaan kenderaan rampasan tersebut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 13.3



GAMBAR 13.4



Stor Penguatkuasaan Kuantan, Pahang - Kenderaan Rampasan Tidak Dilabel (27.03.2012)

c. Di Stor Penguatkuasaan Kuantan, Pahang, kuantiti sebenar telefon bimbit pelbagai jenama tanpa sijil SIRIM yang disimpan bagi 3 kertas siasatan adalah berbeza dengan kuantiti yang direkodkan dalam DBR. Semakan Audit selanjutnya mendapati, sebanyak 911 unit telefon bimbit bagi kertas siasatan KE.CB.(79)778/2011-09 tidak direkodkan dengan terperinci di mana DBR hanya merekodkan "Telefon Bimbit Pelbagai Jenama". Maklumat lanjut bagi kertas siasatan berkenaan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.7
PERBEZAAN REKOD DI STOR PENGUATKUASAAN JKDM KUANTAN

KERTAS SIASATAN	KUANTITI DALAM DBR	KUANTITI SEBENAR	PERBEZAAN
KE.CB.(79)778/2011-09	911	20	891
KE.CB.(79)778/2008-22	17	0	17
KE.CB.(79)778/2008-23	311	0	311
JUMLAH	**1,239**	**20**	**1,219**

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Tindakan pembetulan telah diambil dengan mengemaskinikan DBR dan melabelkan kenderaan rampasan.

Pada pendapat Audit, proses pendaftaran barang rampasan adalah memuaskan kerana hanya 2 daripada 9 Stor Penguatkuasaan di negeri yang dilawati tidak menyelenggarakan Daftar Barang Rampasan dengan lengkap dan kemas kini.

13.5.2.3. Kebersihan Stor Penguatkuasaan

a. Perintah Tetap Pencegahan menetapkan Stor Penguatkuasaan (termasuk kawasan untuk menyimpan kenderaan rampasan) mestilah dibersihkan dari semasa ke semasa dan bebas daripada bekas-bekas minyak, takungan air, habuk, najis burung, sarang burung dan sebagainya. Barang-barang/kenderaan rampasan perlu juga dibersihkan dari masa ke masa demi menjaga tahap kualiti dan kegunaannya.

b. Semakan Audit di Stor Penguatkuasaan Ipoh, Perak mendapati kawasan penyimpanan kenderaan rampasan ditumbuhi rumput dan terbiar manakala minuman keras yang dirampas tidak disusun dengan baik dan berselerak sebagaimana gambar berikut:

GAMBAR 13.5



GAMBAR 13.6



Stor Penguatkuasaan Ipoh, Perak
- Keadaan Stor Yang Terbiar (Rumput Yang Tidak Dipotong)
(13.03.2012)



GAMBAR 13.7

Stor Penguatkuasaan Ipoh, Perak
- Barang Rampasan (Minuman Keras)
Yang Berselerak
(14.03.2012)

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Tindakan pembersihan telah diambil dengan memotong rumput di kawasan stor dan menyusun minuman keras di dalam kotak dan diletakkan atas palet.

Pada pendapat Audit, kebersihan Stor Penguatkuasaan adalah memuaskan di mana hanya 1 daripada 9 Stor Penguatkuasaan yang dilawati tidak dijaga dengan baik.

13.5.2.4. Penyimpanan Barang Rampasan

a. Berdasarkan Perintah Tetap Pencegahan, sebuah bangunan khas untuk menyimpan barang rampasan perlulah disediakan. Barang yang mempunyai jenis/ciri-ciri yang tertentu (mudah terbakar) hendaklah disimpan di tempat khas/tempat yang berasingan. Bagi barang berharga dan menarik seperti emas, perak, dadah dan telefon bimbit hendaklah disimpan di tempat yang selamat seperti di dalam peti besi dan bilik kebal. Selain itu, susun atur stor perlu mengambil kira penggunaan ruang untuk membolehkan pengendalian barang dilakukan dengan mudah dan selamat. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap penyimpanan barang rampasan mendapati perkara berikut:

   i. Di Stor Penguatkuasaan Kangar, Perlis sebanyak 80 tong etanol yang dirampas bersama kenderaan yang membawanya pada 3 Ogos 2010 masih berada dalam kenderaan tersebut dan dibiarkan sahaja di kawasan yang terbuka serta terdedah kepada cuaca dan kepanasan matahari. Ini merupakan kes pertama yang seumpamanya dikendalikan oleh stor tersebut. Memandangkan etanol merupakan bahan mudah bakar, keadaan ini boleh mengundang bahaya dan mengancam keselamatan orang ramai. Keadaan barang rampasan tersebut adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 13.8

Stor Penguatkuasaan Kangar, Perlis
- Barang Rampasan Berbahaya/Mudah Bakar Disimpan Secara Terbuka
(28.02.2012)

ii. Di Stor Penguatkuasaan Kuantan, sebanyak 1,239 unit telefon bimbit pelbagai jenama yang dirampas tidak disimpan dalam bilik kebal walaupun telefon bimbit boleh dikategorikan sebagai barang rampasan yang menarik. Ini telah menyebabkan berlaku kecurian apabila sebanyak 1,219 unit telefon bimbit yang bernilai RM350,913 telah hilang pada bulan Januari 2012. Adalah didapati kes kehilangan ini masih lagi di dalam siasatan Polis dan Laporan Awal Kehilangan telah dikemukakan kepada Ibu Pejabat JKDM. Sebagai tindakan susulan, JKDM Pahang telah mengambil tindakan untuk memindahkan baki 20 telefon bimbit ke dalam bilik kebal seperti di gambar berikut:

GAMBAR 13.9



GAMBAR 13.10



Bilik Kebal Kuantan, Pahang
- Baki Telefon Bimbit Yang Disimpan Di Dalam Bilik Kebal
(28.03.2012)

iii. Di Stor Penguatkuasaan Teluk Intan, Perak, barang rampasan seperti basikal elektrik dan minuman keras yang tidak dikategorikan sebagai barang yang menarik dan berharga disimpan di dalam bilik kebal. Keadaan yang lembap dalam bilik kebal tersebut menyebabkan bau yang tidak menyenangkan. Selain itu, bahagian pemegang dan tempat duduk basikal elektrik telah berkulat sebagaimana di gambar berikut:

GAMBAR 13.11



GAMBAR 13.12



Bilik Kebal Teluk Intan, Perak
- Keadaan Barang Rampasan Yang Berkulat
(15.03.2012)

iv. Di Stor Penguatkuasaan Bandar Hilir, Melaka ruang stor yang terhad telah menyukarkan urusan pengendalian barang rampasan di mana susunan barang tidak dapat dibuat dengan teratur. Keadaan tersebut juga menyebabkan barang rampasan disimpan di kawasan terbuka. Bagi memastikan barang rampasan selamat dan berada dalam keadaan baik JKDM Melaka telah menyewa satu hingga 5 buah kontena sejak tahun 2010 untuk menyimpan barang rampasan. Setakat bulan Disember 2011, perbelanjaan untuk menyewa kontena tersebut berjumlah RM69,098. Maklumat lanjut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 13.13



GAMBAR 13.14



Stor Penguatkuasaan Bandar Hilir, Melaka
- Ruang Stor Terhad (13.02.2012)

GAMBAR 13.15



GAMBAR 13.16



Stor Sementara Ayer Keroh, Melaka
- Barang Rampasan Hanya Ditutupi Kanvas (15.02.2012)

GAMBAR 13.17



Stor Sementara Ayer Keroh, Melaka
- Barang Rampasan Disimpan Di Dalam Kontena Yang Disewa (15.02.2012)

GAMBAR 13.18



Stor Sementara Ayer Keroh, Melaka
- Kontena Disewa Untuk Dijadikan Stor Sementara
(15.02.2012)

v. Di Stor Penguatkuasaan Bentong, Pahang bangunan yang digunakan sebagai stor adalah merupakan garaj untuk menyimpan kenderaan yang telah diubahsuai. Memandangkan stor tersebut hanya dipasang jeriji besi dan lokasinya pula terletak di kawasan taman perumahan boleh mengundang kepada risiko kehilangan/kecurian kerana barang rampasan yang disimpan boleh dilihat dari jauh seperti di gambar berikut:

GAMBAR 13.19



GAMBAR 13.20



Stor Penguatkuasaan Bentong, Pahang
- Bangunan Stor Terdedah Kepada Pandangan Umum
(29.03.2012)

b. Berdasarkan Perintah Tetap Pencegahan, satu kawasan untuk menempatkan kenderaan rampasan antara lainnya hendaklah di atas tapak yang keras dan dibuat petak-petak yang bersusun; berbumbung; dan dipagari kelilingnya. Sekiranya kawasan penyimpanan kenderaan rampasan tidak mempunyai ruangan yang mencukupi, Pengarah Kastam Negeri boleh menggunakan budi bicaranya menentukan tempat dan kaedah penyimpanan yang sesuai. Semakan Audit mendapati kenderaan rampasan di Stor Penguatkuasaan yang dilawati disimpan di kawasan yang berbumbung serta teratur. Bagaimanapun, disebabkan ruang yang terhad barang rampasan terpaksa disimpan di kawasan yang tidak sesuai. Keadaan tersebut telah menjejaskan kualiti luaran kenderaan seperti cat lusuh, berkarat dan cermin pecah. Keadaan kawasan penyimpanan kenderaan rampasan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 13.21



Stor Sementara Bukit Baru, Melaka
- Stor Yang Berbumbung
(15.02.2012)

GAMBAR 13.22



Stor Penguatkuasaan Kuantan, Pahang
- Stor Yang Berbumbung
(27.03.2012)

GAMBAR 13.23



Stor Sementara Hutan Melintang, Perak
- Keadaan Stor Yang Tidak Berbumbung
(15.03.2012)

GAMBAR 13.24



Stor Sementara Ayer Keroh, Melaka
- Keadaan Stor Yang Tidak Berbumbung
(15.02.2012)

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Tindakan pembetulan telah diambil oleh Stor Penguatkuasaan Kangar, Perlis dengan memindahkan barang rampasan sensitif kepada perubahan suhu ke tempat penyimpanan yang lebih selamat. Selain itu, Stor Penguatkuasaan Bentong, Pahang telah dinaik taraf dengan memasang dinding di sekeliling stor.

Pada pendapat Audit, penyimpanan barang rampasan di Stor Penguatkuasaan JKDM adalah tidak teratur terutamanya barang rampasan yang berharga dan menarik serta sensitif kepada perubahan suhu. Selain itu, keadaan stor yang tidak sesuai boleh mengakibatkan susut nilai, risiko berlaku kehilangan dan mengundang bahaya.

13.5.2.5. Keselamatan Stor Penguatkuasaan

Sistem dan kawalan keselamatan yang baik perlu disediakan di setiap stor penguatkuasaan. Semakan Audit di Stor Penguatkuasaan Kuantan dan Bentong, Pahang mendapati monitor CCTV yang digunakan sebagai sistem kawalan keselamatan diletakkan di lokasi yang tidak sesuai iaitu bersama dengan barang rampasan di dalam stor. Keadaan ini berlaku disebabkan pemasangan peralatan keselamatan berkenaan diserahkan sepenuhnya kepada pembekal. Maklumat lanjut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 13.25



Stor Penguatkuasaan Kuantan, Pahang - Monitor CCTV Diletakkan Di Dalam Stor (27.03.2012)

GAMBAR 13.26



Stor Penguatkuasaan Bentong, Pahang - Monitor CCTV Diletakkan Di Dalam Stor (27.03.2012)

Pada pendapat Audit, penempatan peralatan bagi sistem kawalan keselamatan di Stor Penguatkuasaan Kuantan dan Bentong, Pahang tidak dapat berfungsi dengan berkesan kerana monitor CCTV diletakkan di lokasi yang tidak sesuai dan ia boleh dirosakkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

13.5.3. Pemantauan

13.5.3.1. Pemantauan terhadap pengurusan kawalan barang rampasan dan lucut hak dijalankan oleh Pengarah Kastam Negeri dan Cawangan Pencegahan Dan Rampasan di Ibu Pejabat antaranya melalui semakan bulanan terhadap DBR, Penyata Bulanan Barang Rampasan dan penyediaan Laporan Petunjuk Prestasi Utama untuk dikemukakan kepada Ibu Pejabat JKDM.

13.5.3.2. Semakan Audit terhadap pelaksanaan pemantauan mendapati perkara berikut:

a. Di semua negeri yang dilawati, Ketua Bahagian/Stesen yang bertanggungjawab tidak membuat pemeriksaan atau pengesahan bulanan terhadap Daftar Barang Rampasan.

b. Penyata Bulanan Barang Rampasan dan Lucut Hak yang disediakan adalah tidak seragam bagi setiap negeri. Selain itu, Penyata Bulanan yang disediakan di Stor Penguatkuasaan Teluk Intan, Perak adalah tidak kemas kini di mana 6 kes barang rampasan yang bernilai RM140,776 yang terdapat di DBR dan disimpan di stor tetapi tidak direkodkan di dalam penyata ini. Manakala terdapat 13 kes barang rampasan yang bernilai RM311,154 telah dilupuskan atau dikembalikan tetapi tidak dikemas kini di dalam penyata yang sama. Maklumat terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.8
PENYATA BULANAN BARANG RAMPASAN DAN LUCUT HAK
TIDAK KEMAS KINI DI STOR PENGUATKUASAAN JKDM TELUK INTAN, PERAK

KERTAS SIASATAN	TARIKH SERAH KE STOR	JENIS BARANG	NILAI DALAM DBR DAN STOR (RM)	NILAI DALAM PENYATA BULANAN BARANG RAMPASAN (RM)	CATATAN
KE.AF(79)778/2008-120	03.09.2009	Rokok & Kenderaan	22,096	-	Tidak direkodkan
KE.AF(79)778/2008-122	03.08.2009	Rokok & Kenderaan	23,440	-	Tidak direkodkan
KE.AF(79)778/2008-123	03.09.2009	Rokok & Kenderaan	30,456	-	Tidak direkodkan
KE.AF(79)778/2008-124	TM	Rokok & Kenderaan	34,784	-	Tidak direkodkan
KE.AF(79)778/2008-125	TM	Kenderaan	20,000	-	Tidak direkodkan
KE.AF(79)778/2008-143	TM	Kenderaan	10,000	-	Tidak direkodkan
KE.AF(79)778/2007-04	10.01.2007	Kenderaan	-	20,000	Telah dikembalikan
KE.AF(79)778/2007-14	20.01.2007	Rokok	-	9,500	Telah lupus
KE.AF(79)778/2007-52	09.05.2007	Rokok	-	10,090	Telah lupus
KE.AF(79)778/2007-118	30.10.2007	Rokok & Kenderaan	-	29,095	Telah lupus/ dikembalikan
KE.AF(79)778/2008-27	27.03.2008	Rokok & Kenderaan	-	31,600	Telah lupus/ dikembalikan
KE.AF(79)778/2008-78	02.07.2008	Rokok	-	2,531	Telah lupus
KE.AF(79)778/2008-104	11.09.2008	Rokok	-	94,080	Telah lupus
KE.AF(79)778/2009-05	17.01.2009	Rokok & Kenderaan	-	49,984	Telah lupus/ dikembalikan
KE.AF(79)778/2009-14	29.01.2009	Rokok & Minuman Keras	-	5,354	Telah lupus
KE.AF(79)778/2009-47	28.03.2009	Rokok	-	13,440	Telah lupus
KE.AF(79)778/2009-73	27.05.2009	Rokok	-	15,120	Telah lupus
KE.AF(79)778/2009-104	04.09.2009	Rokok	-	15,360	Telah lupus
KE.AF(79)778/2009-88	27.07.2009	Kenderaan	-	15,000	Telah dikembalikan
JUMLAH			**140,776**	**311,154**	

Nota: ***TM - Tiada Maklumat***

Pada pendapat Audit, pelaksanaan pemantauan adalah kurang berkesan kerana semakan bulanan terhadap Daftar Barang Rampasan dan Penyata Bulanan tidak dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan.

13.6. SYOR AUDIT

Sebagai usaha penambahbaikan dan untuk meningkatkan lagi hasil negara, adalah disyorkan supaya Jabatan Kastam Diraja Malaysia mengambil tindakan berikut:

13.6.1. Menetapkan tempoh masa yang perlu diambil untuk menyiapkan kertas siasatan terutamanya bagi kes yang melibatkan tangkapan hendaklah lebih munasabah dengan mengambil kira kerumitan kes.

13.6.2. Menetapkan satu tempoh tertentu bagi kertas siasatan yang terlalu lama untuk diselesaikan supaya tindakan pelupusan dapat disegerakan terutamanya bagi barang rampasan yang boleh jual melalui tender dan yang mempunyai nilai untuk diniagakan.

13.6.3. Memastikan Daftar Barang Rampasan dan Penyata Bulanan Barang Rampasan diselenggarakan secara teratur mengikuti peraturan yang ditetapkan. Semakan perlu dibuat oleh pegawai bertanggungjawab dari semasa ke semasa bagi memastikan maklumat telah direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

13.6.4. Memastikan keadaan Stor Penguatkuasaan dan barang/kenderaan rampasan sentiasa berada dalam keadaan bersih dan dijaga dengan baik supaya kualitinya dan kegunaannya lebih terjamin.

13.6.5. Mengambil kira pandangan Jabatan Bomba dan Penyelamat sekiranya Stor Penguatkuasaan tidak mempunyai kawasan simpanan yang sesuai bagi barang rampasan yang bahaya dan sensitif kepada perubahan suhu.

13.6.6. Memastikan kesesuaian Stor Penguatkuasaan mengambil kira keupayaan dan keadaan semasa. Stor yang didapati tidak sesuai perlu diganti atau diubahsuai bagi memudahkan pengendalian barang rampasan dan menjamin keselamatan pegawai berkenaan.

13.6.7. Memastikan peralatan bagi sistem kawalan keselamatan ditempatkan di lokasi yang lebih sesuai supaya dapat berfungsi dengan berkesan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 101-103
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

14. PENGURUSAN PROJEK PERTANIAN KAWASAN PARLIMEN

14.1. LATAR BELAKANG

14.1.1. Projek Pertanian Kawasan Parlimen mempunyai 4 komponen iaitu Projek Kecil Pertanian Kawasan Parlimen (PKPP); Projek Pertanian Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen (Projek Pertanian MPPP); Projek Infrastruktur Pertanian dan Projek Pembaikan, Naik Taraf Kompleks Dan Jeti Nelayan. Sehubungan itu, setiap Kawasan Parlimen diperuntukkan sejumlah RM100,000 setahun bagi melaksanakan setiap komponen projek tersebut. Projek Pertanian Kawasan Parlimen mula diperkenalkan secara berperingkat bermula dengan PKPP pada tahun 2005.

14.1.2. PKPP telah diperkenalkan oleh Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani dengan objektif untuk melibatkan Ahli Parlimen dalam merancang dan memantau pelaksanaan projek kecil pertanian dan membantu kumpulan sasar iaitu petani, penternak dan nelayan dalam meningkatkan pendapatan hasil pengeluaran. Manakala pada 29 April 2009, Mesyuarat Jemaah Menteri meluluskan penubuhan Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen (MPPP) bagi melaksanakan Projek Pertanian MPPP. Ekoran daripada itu, kesemua 222 kawasan Parlimen telah menubuhkan MPPP di kawasan Parlimen masing-masing. Matlamat penubuhan MPPP adalah untuk mendapatkan idea berhubung pelaksanaan projek pertanian di kawasan Parlimen dengan mengambil kira sumber sedia ada. Di samping itu, MPPP juga berfungsi untuk mengenal pasti masalah yang timbul di peringkat Parlimen masing-masing mengenai pertanian, memaklumkan kepada semua pihak akan peluang perniagaan dalam sektor pertanian dan segala kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan serta sebagai forum untuk perbincangan bagi memperkasakan pembangunan industri pertanian negara. Selain itu, Projek Infrastruktur Pertanian turut diperkenalkan pada tahun yang sama. Peruntukan bagi projek ini disalurkan melalui Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (Kementerian) di bawah peruntukan Dasar Jaminan Bekalan Makanan.

14.1.3. Agensi pelaksana yang bertanggungjawab untuk melaksanakan keempat-empat komponen Projek Pertanian Kawasan Parlimen adalah Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Pemasaran Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN NASIONAL), Lembaga Pertanian KEMUBU (KADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian MUDA (MADA).

14.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada PKPP dan Projek Pertanian MPPP telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

14.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap PKPP dan Projek Pertanian MPPP yang dilaksanakan oleh LPP dan MADA bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 di Unit Bajet, Cawangan Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani; Ibu Pejabat LPP dan Pejabat LPP Negeri Johor, Sabah dan Selangor; Ibu Pejabat MADA; dan pejabat MPPP di 3 kawasan Parlimen di setiap negeri yang dilawati iaitu Johor, Kedah, Sabah dan Selangor.

14.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, laporan, kertas cadangan dan dokumen berkaitan. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat dan penerima bantuan turut diadakan serta melakukan lawatan fizikal ke kawasan Parlimen di negeri yang terpilih.

14.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati secara keseluruhannya, projek ini telah dilaksanakan mengikut perancangan. Bagaimanapun, keberkesanan pelaksanaan program ini tidak dapat ditentukan memandangkan maklumat yang menyeluruh tidak diselenggara oleh pihak Kementerian. Selain itu, salah satu objektif program ini iaitu membantu kumpulan sasar dalam meningkatkan pendapatan secara berterusan masih belum dicapai sepenuhnya berdasarkan kepada sampel projek yang diaudit. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan projek seperti:

i. penyelenggaraan rekod projek;
ii. perbelanjaan peruntukan tidak memuaskan;
iii. tiada garis panduan yang jelas dan komprehensif;
iv. pembinaan infrastruktur/bekalan yang tidak memuaskan;
v. projek/peralatan tidak digunakan; dan
vi. pemantauan kurang berkesan.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

14.5.1. Prestasi Fizikal Projek

14.5.1.1. Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2005 mengenai Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan menetapkan supaya Kementerian/Jabatan melaksanakan penilaian *outcome* program pembangunannya untuk memastikan hasil pulangan yang maksimum daripada peruntukan yang dibelanjakan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, Kementerian tidak menjalankan penilaian *outcome* bagi PKPP dan Projek Pertanian MPPP yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana yang berkenaan. Sehubungan itu, Kementerian tidak dapat mengenal pasti sama ada PKPP dan Projek Pertanian MPPP telah mencapai matlamat seperti yang ditetapkan. Pihak Kementerian hanya memantau dari segi bilangan mesyuarat yang diadakan oleh MPPP dan bukannya *outcome* projek.

14.5.1.2. Lawatan Audit yang dijalankan ke kawasan Parlimen Klang, Kapar dan Hulu Langat, Selangor; Alor Star, Pendang dan Kuala Kedah, Kedah; Ranau, Tuaran dan Beaufort, Sabah; dan Pagoh, Simpang Renggam dan Gelang Patah, Johor mendapati rekod prestasi fizikal projek tidak disatukan di peringkat Kementerian. Senarai penerima bantuan dan prestasi projek hanya diselenggara di peringkat agensi pelaksana sahaja.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

Penilaian outcome bagi PKPP dan MPPP tidak dibuat oleh Kementerian kerana kebanyakan projek yang diluluskan adalah bernilai kecil atau berskala kecil yang terdiri daripada projek-projek berbentuk pemberian atau touch-point project (nilai di bawah RM10,000) yang bersifat one-off.

Pada pendapat Audit, penilaian *outcome* perlu dilaksanakan untuk Projek Pertanian Kawasan Parlimen secara keseluruhan bagi memastikan objektifnya dapat dicapai secara berkesan dan berterusan.

14.5.2. Prestasi Kewangan Projek

14.5.2.1. Sebaik sahaja Parlimen meluluskan Bajet Tahunan, Perbendaharaan akan mengeluarkan pekeliling yang antara lainnya menghendaki Pegawai Pengawal mengeluarkan waran agihan peruntukan/waran peruntukan kecil (*sub-warrant*) kepada agensi pelaksana di bawah bidang kuasa masing-masing secepat mungkin. Bagi memastikan Kerajaan dapat menguruskan keperluan aliran wang tunai negara dengan cekap dan berkesan, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan unjuran anggaran keperluan aliran tunai agensi masing-masing adalah tepat dan dikemas kini setiap suku tahun.

14.5.2.2. Semakan Audit terhadap laporan perbelanjaan program di peringkat Kementerian mendapati bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, kesemua peruntukan telah disalurkan sepenuhnya kepada agensi yang terlibat seperti di jadual berikut:

JADUAL 14.1
SALURAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PKPP DAN PROJEK PERTANIAN MPPP

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	% PERBELANJAAN
2009	44.40	44.40	100
2010	45.30	45.30	100
2011*	22.20	22.20	100
JUMLAH	**111.90**	**111.90**	**100**

Nota: (*) - Mulai Tahun 2011, PKPP Tidak Lagi Menerima Sebarang Peruntukan

14.5.2.3. Berdasarkan laporan perbelanjaan di peringkat Kementerian, prestasi kewangan bagi PKPP dan Projek Pertanian MPPP menunjukkan pengagihan perbelanjaan telah mencapai 100%. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati peruntukan yang telah disalurkan kepada agensi pelaksana masih belum dibelanjakan sepenuhnya. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, sejumlah RM32.09 juta telah diperuntukkan untuk PKPP dan Projek Pertanian MPPP bagi 4 negeri iaitu Johor, Kedah, Sabah dan Selangor yang diselia oleh LPP dan MADA. Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM11.39 juta (35.5%) masih belum dibelanjakan oleh agensi pelaksana. Maklumat terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 14.2
PRESTASI PERBELANJAAN PKPP DAN PROJEK PERTANIAN MPPP
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	PERUNTUKAN/ PERBELANJAAN	NEGERI/PROJEK								JUMLAH	
		KEDAH (MADA)		JOHOR (LPP)		SABAH (LPP)		SELANGOR (LPP)			
		PKPP (RM Juta)	PROJEK PERTANIAN MPPP (RM Juta)	PKPP (RM Juta)	PROJEK PERTANIAN MPPP (RM Juta)	PKPP (RM Juta)	PROJEK PERTANIAN MPPP (RM Juta)	PKPP (RM Juta)	PROJEK PERTANIAN MPPP (RM Juta)	PKPP (RM Juta)	PROJEK PERTANIAN MPPP (RM Juta)
2009	Peruntukan	0.89	0.70	2.40	2.40	2.20	2.40	0.40	1.30	5.89	6.80
	Perbelanjaan	0.89	0.70	2.39	2.40	1.12	1.90	0.24	1.13	4.64	6.13
	Baki	0.00	-	0.01	-	1.08	0.50	0.16	0.17	1.25	0.67
2010	Peruntukan	0.70	0.70	2.40	2.40	2.20	2.40	0.50	1.30	5.80	6.80
	Perbelanjaan	0.70	0.70	0.20	2.07	0.80	2.15	-	1.02	1.70	5.94
	Baki	-	-	2.20	0.33	1.40	0.25	0.50	0.28	4.10	0.86
2011	Peruntukan	-	0.70	-	2.40	-	2.40	-	1.30	-	6.80
	Perbelanjaan	-	0.66	-	0.78	-	0.68	-	0.17	-	2.29
	Baki	-	0.04	-	1.62	-	1.72	-	1.13	-	4.51
JUMLAH	**Peruntukan**	**1.59**	**2.10**	**4.80**	**7.20**	**4.40**	**7.20**	**0.90**	**3.90**	**11.69**	**20.40**
	Perbelanjaan	**1.59**	**2.06**	**2.59**	**5.25**	**1.92**	**4.73**	**0.24**	**2.32**	**6.34**	**14.36**
	Baki	**-**	**0.04**	**2.21**	**1.95**	**2.48**	**2.47**	**0.66**	**1.58**	**5.35**	**6.04**

Nota: PKPP - Projek Kecil Pertanian Kawasan Parlimen
Projek Pertanian MPPP - Projek Pertanian Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen

14.5.2.4. Semakan Audit di 4 negeri yang dilawati juga mendapati peruntukan yang telah diagihkan kepada agensi pelaksana bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 berjumlah RM9.30 juta tidak dibelanjakan langsung. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 14.3
PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN

TAHUN	PERIHAL	NEGERI			JUMLAH
		JOHOR	SABAH	SELANGOR	
2009	Bil. Kawasan Parlimen	-	12	1	13
	Peruntukan Yang Tidak Dibelanjakan (RM Juta)	-	1.30	0.10	1.40
2010	Bil. Kawasan Parlimen	22	14	6	42
	Peruntukan Yang Tidak Dibelanjakan (RM Juta)	2.40	1.60	0.60	4.60
2011	Bil. Kawasan Parlimen	16	16	10	42
	Peruntukan Yang Tidak Dibelanjakan (RM Juta)	1.60	1.60	0.10	3.30

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

Sehingga bulan Mac 2012, baki peruntukan yang langsung tidak dibelanjakan di Johor berjumlah RM400,000; di Selangor berjumlah RM900,000 dan di Sabah berjumlah RM4 juta. Sebahagian besar peruntukan yang diagihkan di Sabah masih belum dibelanjakan langsung kerana urus setia MPPP masih belum menerima tuntutan bayaran dan juga bilangan mesyuarat MPPP yang rendah menyebabkan kelulusan projek tidak diperoleh untuk dilaksanakan.

14.5.2.5. Kementerian hendaklah memastikan peruntukan mencukupi bagi menguruskan sesuatu program. Semakan Audit mendapati Kementerian hanya menyediakan peruntukan pembangunan sahaja iaitu RM100,000 untuk setiap komponen projek bagi setiap kawasan Parlimen. Peruntukan mengurus tidak diperuntukkan kepada agensi pelaksana untuk menguruskan projek ini. Ketiadaan peruntukan mengurus telah menyebabkan agensi pelaksana menggunakan peruntukan dalaman bagi menguruskan projek ini seperti perbelanjaan mesyuarat. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 sejumlah RM133,637 telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut di negeri Johor, Kedah, Sabah dan Selangor. Butiran terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 14.4
KOS PERBELANJAAN PENTADBIRAN MPPP YANG DITANGGUNG OLEH AGENSI PELAKSANA SEHINGGA 31 DISEMBER 2011

NEGERI	AGENSI PELAKSANA	PERBELANJAAN (RM)
Kedah	MADA	27,500
Johor	LPP	44,000
Sabah	LPP	42,111
Selangor	LPP	20,026
JUMLAH		**133,637**

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

Kementerian telah maklum akan keperluan peruntukan mengurus untuk memastikan kelancaran pelaksanaan program ini. Sehubungan itu, Kementerian telah memohon peruntukan mengurus pada tahun 2011 tetapi permohonan tersebut tidak diluluskan. Oleh yang demikian, Kementerian mencadangkan agar agensi pelaksana menanggung kos untuk mengurus projek.

Pada pendapat Audit, bagi memastikan rumusan yang lebih menyeluruh, tepat dan berkesan dapat dibuat mengenai prestasi kewangan program ini, laporan perbelanjaan perlu menunjukkan kedudukan sebenar status kewangan program. Bagi tujuan pemantauan pula, pegawai yang bertanggungjawab perlu mendapatkan maklumat yang berkaitan daripada jabatan/agensi secara sistematik bagi memastikan ketepatan maklumat yang diperoleh. Peruntukan mengurus bagi tujuan pelaksanaan pengurusan Projek Pertanian Kawasan Parlimen juga hendaklah diambil kira dalam penyediaan bajet bagi memastikan program tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan dan menyeluruh.

14.5.3. Tiada Garis Panduan Yang Jelas Dan Komprehensif

Garis panduan yang jelas dan komprehensif perlu disediakan bagi memastikan program yang hendak dilaksanakan adalah menyeluruh, sistematik serta mencapai *outcome* dan objektif yang telah ditetapkan. Kementerian telah mengeluarkan Garis Panduan PKPP dan Skop Pelaksanaan Projek Pertanian MPPP. Selain itu, Kementerian telah mengeluarkan pekeliling dalaman mengenai perkara yang berkaitan dengan perolehan bagi program ini dari semasa ke semasa. Semakan Audit mendapati garis panduan dan skop pelaksanaan tersebut tidak memperincikan proses pelaksanaan; kaedah perolehan projek; syarat dan justifikasi pemilihan penerima bantuan serta kaedah pemantauan projek. Pihak Audit juga tidak dapat memastikan tarikh garis panduan dan skop pelaksanaan tersebut mula dilaksana dan dikuatkuasakan kerana kedua-duanya tidak mempunyai tarikh dikeluarkan atau dikuatkuasakan. Selain itu, beberapa kelemahan pelaksanaan telah dikenal pasti seperti berikut:

14.5.3.1. Bilangan Mesyuarat MPPP Yang Tidak Seragam Di Antara Kawasan Parlimen

Garis Panduan PKPP dan Skop Pelaksanaan Projek Pertanian MPPP tidak menyatakan kaedah pemantauan yang perlu dijalankan bagi memastikan pelaksanaan program dijalankan secara berterusan berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati pemantauan dibuat melalui mesyuarat di peringkat kawasan Parlimen oleh semua agensi pelaksana. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah kelulusan projek dan juga isu berkaitan dengan sektor pertanian. Selain itu, didapati bilangan mesyuarat bagi setiap kawasan Parlimen tidak seragam iaitu antara sekali hingga 6 kali dalam tempoh setahun. Butiran terperinci bilangan mesyuarat di kawasan Parlimen yang dilawati adalah seperti berikut:

JADUAL 14.5
BILANGAN MESYUARAT MPPP MENGIKUT KAWASAN PARLIMEN

NEGERI	KAWASAN PARLIMEN	BIL. MESYUARAT		
		2009	2010	2011
Kedah	Alor Star	2	4	2
	Kuala Kedah	1	3	1
	Pendang	2	3	2
Johor	Pagoh	2	3	4
	Simpang Renggam	2	3	2
	Gelang Patah	3	4	2
Sabah	Tuaran	1	4	2
	Ranau	2	6	3
	Beaufort	1	2	1
Selangor	Kapar	1	3	1
	Klang	1	1	1
	Hulu Langat	2	2	3

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

Pihak urus setia MPPP telah menetapkan setiap MPPP hendaklah bermesyuarat 4 kali setahun. Namun, perbezaan bilangan mesyuarat antara MPPP adalah disebabkan oleh tarikh dan masa mesyuarat ditentukan oleh Pengerusi MPPP sendiri. LPP telah mengeluarkan pekeliling untuk pelaksanaan mesyuarat sebanyak 4 kali setahun dan juga surat peringatan kepada Pengerusi MPPP yang mempunyai prestasi mesyuarat yang rendah.

14.5.3.2. Proses Kerja Yang Tidak Seragam Di Antara Agensi Pelaksana

Garis Panduan PKPP dan Skop Pelaksanaan Projek Pertanian MPPP tidak memperincikan proses kerja pelaksanaan projek. Ini telah menyebabkan ketidakseragaman dalam proses kerja di antara agensi pelaksana. Adalah didapati agensi pelaksana menggunakan proses kerja masing-masing yang berbeza untuk melaksanakan projek di kawasan Parlimen bawah seliaan masing-masing. Sebagai contoh, setiap projek yang dilaksanakan oleh MADA perlu melalui Jawatankuasa Pengesahan Pembekalan sebelum projek dilaksanakan dan Jawatankuasa Pembayaran sebelum bayaran projek dilaksanakan. Kaedah perolehan yang dilaksanakan ini dapat menggalakkan ketelusan dalam perolehan Kerajaan. Bagaimanapun, Jawatankuasa ini tidak diwujudkan di bawah LPP.

Pada pendapat Audit, garis panduan yang lengkap dengan mengambil kira proses kerja secara terperinci perlu disediakan oleh Kementerian bagi memastikan setiap agensi pelaksana melaksanakan program ini dengan berkesan dan seragam.

14.5.4. Pembinaan Infrastruktur Dan Bekalan Kurang Memuaskan

14.5.4.1. Pelaksanaan Projek Di Luar Skop

Garis Panduan PKPP dan Skop Pelaksanaan Projek Pertanian MPPP menggariskan projek yang dijalankan hendaklah projek kecil berteraskan pertanian tidak termasuk pertanian komoditi dan industri asas tani. Selain itu, garis panduan dan skop pelaksanaan tersebut juga menyatakan projek yang dijalankan hendaklah tidak bertindih dengan projek yang dijalankan oleh Kementerian dan agensi Kerajaan yang lain. Semakan Audit mendapati beberapa projek yang telah dilaksanakan tidak mengikut garis panduan dan skop pelaksanaan seperti berikut:

a. Perbelanjaan berjumlah RM11,340 di Kawasan Parlimen Klang, Selangor adalah tidak berteraskan pertanian tetapi bidang jahitan iaitu pembekalan mesin jahit, mesin jahit tepi dan seterika kepada 2 orang penerima bantuan.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

Projek ini telah mendapat kelulusan khas sebelum dilaksanakan.


Gambar berikut menunjukkan peralatan yang dibekalkan.

GAMBAR 14.1



Kg. Nelayan, Telok Gong, Kawasan Parlimen Klang, Selangor - Peralatan Mesin Jahit Tepi Yang Diberi Kepada Penerima Bantuan (16.08.2011)

GAMBAR 14.2



Kg. Nelayan, Telok Gong, Kawasan Parlimen Klang, Selangor - Peralatan Mesin Jahit Tepi Dan Seterika Yang Diberi Kepada Penerima Bantuan (16.08.2011)

b. Peruntukan berjumlah RM30,000 untuk Kawasan Parlimen Ranau, Sabah digunakan untuk projek pertanian komoditi iaitu pembekalan klon bibit getah kepada 35 orang petani.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

Mesyuarat MPPP telah meluluskan projek ini kerana tanaman utama di kawasan tersebut adalah pokok getah. Bagaimanapun, kelulusan khas untuk projek selain daripada berteraskan pertanian daripada Kementerian masih belum diperolehi.

c. Beberapa projek jabatan/agensi lain yang telah dijalankan tidak sewajarnya menggunakan peruntukan Projek Pertanian MPPP kerana jabatan/agensi berkenaan mempunyai peruntukan sendiri bagi menjalankan projek tersebut. Semakan Audit mendapati projek pembungkusan dan pelabelan usahawan bimbingan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berjumlah RM20,000 di Kawasan Parlimen Pagoh, Johor dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan MPPP. Projek ini sepatutnya menggunakan peruntukan daripada FAMA kerana ia merupakan projek yang diuruskan sendiri oleh FAMA.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

Memandangkan usahawan iaitu penerima peruntukan di kawasan tersebut memerlukan khidmat nasihat mengenai pembungkusan dan pelabelan, MPPP Pagoh telah memutuskan supaya pihak FAMA memberikan khidmat tersebut kepada peserta dengan menggunakan peruntukan MPPP Parlimen Pagoh melalui projek ini.

14.5.4.2. Bekalan Tidak Mengikut Keperluan Kumpulan Sasaran

Pelaksanaan projek perlu mengambil kira keperluan kumpulan sasaran bagi memastikan projek yang dilaksanakan memberi faedah kepada penerima. Selain itu, ia bertujuan mengelakkan berlakunya ketidaksesuaian penggunaan peralatan tersebut. Semakan Audit mendapati 2 orang nelayan yang terlibat dalam aktiviti perikanan laut dalam masing-masing telah menerima bantuan seunit bot berukuran 14 kaki dan seunit enjin sangkut 15 kuasa kuda dengan kos berjumlah RM14,000. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan penerimaan bekalan bot dan enjin tersebut kerana menurut

penerima peralatan berkenaan bot dan peralatan tersebut telah ditukarkan dengan bot yang lebih besar dan enjin 40 kuasa kuda (**Gambar 14.3** dan **14.4**) memandangkan peralatan yang diberi tidak dapat digunakan bagi perikanan laut dalam.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

Urus setia MPPP Klang, Selangor tiada halangan untuk sebarang pertukaran peralatan yang dibuat oleh peserta dan sebarang tambahan peruntukan untuk tujuan tersebut adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri. Bagaimanapun, Kementerian mengambil maklum bahawa peserta tersebut sepatutnya tidak menerima bantuan berkenaan kerana tidak menepati keperluan menangkap ikan di laut dalam.

GAMBAR 14.3



Kg. Telok Gong, Kawasan Parlimen Klang, Selangor - Bot Yang Telah Ditukar Oleh Penerima Bantuan (16.08.2011)

GAMBAR 14.4



Kg. Telok Gong, Kawasan Parlimen Klang, Selangor - Enjin Bot Yang Telah Ditukar Oleh Penerima Bantuan (16.08.2011)

14.5.4.3. Kelewatan Pelaksanaan Projek

Semakan Audit ke atas laporan prestasi perbelanjaan Projek Pertanian MPPP di Kawasan Parlimen Tuaran, Sabah mendapati projek membekal lembu dan peralatan membina kandang telah diluluskan dalam Mesyuarat MPPP pada bulan Disember 2010. Bagaimanapun sehingga bulan September 2011, projek tersebut masih belum dilaksanakan kerana baka lembu masih belum diperolehi.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

Projek ini telah siap dilaksanakan dimana MPPP Tuaran telah membekalkan lembu kepada penerima pada 10 Oktober 2011.

Pada pendapat Audit, perancangan terperinci hendaklah disediakan dengan mengambil kira keperluan dan kesesuaian kumpulan sasaran serta kekangan kewangan sebelum sesuatu projek dilaksanakan supaya segala perbelanjaan bagi program ini mendapat *value for money*, memanfaatkan penerima dan seterusnya mencapai objektif program.

14.5.5. Projek/Peralatan Tidak Digunakan

Projek di Kawasan Parlimen Gelang Patah, Johor iaitu projek membina dan menyiapkan 6 unit gerai peladang berjumlah RM60,000 telah siap dilaksanakan pada 6 Julai 2011. Bagaimanapun lawatan Audit pada 20 Oktober 2011, mendapati gerai peladang yang telah siap dibina masih belum beroperasi (**Gambar 14.5**) kerana kerja pendawaian elektrik ke gerai tersebut masih belum dilaksanakan.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

Sistem pendawaian elektrik ke gerai tersebut telah siap dipasang pada bulan Januari 2012.



GAMBAR 14.5

Desa Paya Mengkuang,
Kawasan Parlimen Gelang Patah, Johor
- Gerai Peladang Masih Belum Digunakan
(20.10.2011)

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan perancangan yang teliti dibuat dengan mengambil kira keperluan kewangan untuk menyiapkan sesuatu projek bagi memastikan projek tersebut dapat disiapkan dan digunakan sepenuhnya oleh penerima bantuan.

14.5.6. Pemantauan Kurang Berkesan

14.5.6.1. Kementerian perlu menyelenggara maklumat yang menyeluruh berkaitan dengan PKPP dan Projek Pertanian MPPP bagi memudahkan rujukan dan pemantauan. Semakan Audit mendapati Kementerian tidak menyelenggara rekod dan maklumat yang menyeluruh seperti bilangan projek di setiap Kawasan Parlimen, bilangan penerima bantuan, skop dan status pelaksanaan projek serta *outcome* yang diperoleh bagi program ini. Ini menyebabkan Kementerian tidak dapat memantau secara menyeluruh keberkesanan program ini.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

Rekod dan maklumat projek seperti bilangan projek di setiap kawasan Parlimen, bilangan penerima bantuan, skop dan status pelaksanaan projek disimpan dan diselenggara oleh agensi pelaksana. Maklumat tersebut ada dipanjangkan kepada Kementerian melalui minit mesyuarat bagi tujuan pemantauan.

14.5.6.2. Selain itu, Bahagian Pemantauan dan Penilaian Projek Kementerian bertanggungjawab untuk memantau semua program yang dilaksanakan oleh Kementerian. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Bahagian tersebut hanya menjalankan pemantauan terhadap minit mesyuarat MPPP dan bukannya terhadap *output/outcome* projek tersebut.

14.5.6.3. Pihak Audit juga dimaklumkan bahawa pemantauan pelaksanaan projek tidak dapat dijalankan oleh agensi pelaksana terutamanya selepas bantuan diberi kepada penerima bantuan kerana kekangan dari segi kewangan. Ini disebabkan tiada perbelanjaan mengurus diperuntukkan kepada agensi pelaksana bagi menguruskan program ini.

Pada pendapat Audit, pihak Kementerian perlu menyelenggara rekod dan maklumat secara menyeluruh bagi program ini untuk memastikan pelaksanaan projek ini selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Bagi tujuan pemantauan, Bahagian yang bertanggungjawab perlu mendapatkan maklumat yang berkaitan daripada agensi pelaksana secara menyeluruh bagi memastikan pelaksanaan program ini sentiasa menepati objektif yang ditetapkan. Selain itu, pemantauan hendaklah dijalankan untuk memastikan penerima bantuan menggunakan peralatan yang telah diberikan dan pengagihan semula dibuat sekiranya peralatan tersebut tidak digunakan sepenuhnya oleh penerima bantuan.

14.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pelaksanaan PKPP dan Projek Pertanian MPPP dijalankan dengan baik dan berkesan, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat melaksanakan perkara berikut:

14.6.1. Kementerian hendaklah menjalankan penilaian semula terhadap keberkesanan PKPP dan Projek Pertanian MPPP agar selaras dengan Dasar Agro Makanan Negara.

14.6.2. Kementerian/agensi pelaksana terlibat hendaklah melaksanakan penilaian berdasarkan *outcome* dan impak bagi program PKPP dan Projek Pertanian MPPP selaras dengan dasar Kerajaan yang menekankan pendekatan tersebut.

14.6.3. Kementerian hendaklah memperkemaskan garis panduan yang sedia ada supaya lebih komprehensif bagi memudahkan pelaksanaan projek dengan berkesan.

14.6.4. Agensi pelaksana perlu memastikan pelaksanaan projek ini memberi faedah kepada kumpulan sasaran serta digunakan sepenuhnya secara berterusan oleh penerima bantuan bagi mengelakkan pembaziran kepada perbelanjaan Kerajaan.

14.6.5. Kementerian hendaklah memastikan pemantauan dijalankan secara berkala terhadap setiap projek yang dijalankan bagi memastikan kerja yang dijalankan mengikut spesifikasi dan berkualiti.

14.6.6. Agensi pelaksana hendaklah memastikan peruntukan digunakan secara berhemat untuk melaksanakan projek yang telah diluluskan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 104-110
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

15. PENGURUSAN PROGRAM SUBSIDI BERAS KEPADA BERNAS DAN PENGILANG PADI SWASTA

15.1. LATAR BELAKANG

15.1.1. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (Kementerian) telah memperkenalkan 6 jenis bantuan dalam bentuk pemberian atau subsidi dan insentif bagi industri padi/beras. Pada tahun 2011, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM2.331 bilion bagi kesemua jenis bantuan ini. Salah satu daripada bantuan ini adalah Program Subsidi Beras Kepada Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) Dan Pengilang Padi Swasta Bagi Pengeluaran Beras Super Tempatan ST15% untuk Semenanjung Malaysia dan Beras Import S15% untuk Sabah dan Sarawak dengan kandungan beras hancur 15%. Bagaimanapun, mengikut perjanjian yang dimeterai antara BERNAS dan Kementerian, BERNAS dibenarkan untuk menggunakan beras import bagi menampung kekurangan beras super tempatan ST15% bagi Semenanjung Malaysia.


15.1.2. Program Subsidi Beras ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada bulan Ogos 2008 bagi memastikan penyaluran beras jenis ini kepada golongan yang berpendapatan rendah dapat dikawal dari segi kuantiti bekalan dan harganya. Objektif Program Subsidi Beras ini adalah untuk menyediakan bekalan beras super tempatan ST15% atau S15% bagi memenuhi permintaan dan keperluan pengguna yang semakin meningkat; mengekalkan harga kawalan beras subsidi dari RM1.65 per kg hingga RM1.80 per kg mengikut zon di peringkat pengguna; dan menampung kerugian pengilang untuk mengeluarkan beras subsidi.

15.1.3. Program ini pada mulanya dilaksanakan dalam Fasa I iaitu bagi tempoh 6 bulan berkuat kuasa 1 September 2008 sehingga 28 Februari 2009 dan dilanjutkan sehingga 31 Mac 2009. Pengilang padi swasta dan BERNAS diberi subsidi sejumlah RM800 untuk setiap metrik tan beras ST15% atau S15% yang dijual kepada pemborong di pintu kilang. Sasaran pengeluaran adalah sebanyak 94,000 metrik tan (mt) sebulan dan sebanyak 107 pengilang menyertai program ini.

15.1.4. Program ini telah disambung ke Fasa II yang bermula 1 April 2009 hingga 30 September 2009 dan dilanjutkan sehingga kini. Kementerian telah membuat perubahan program dalam Fasa II di mana pengeluaran beras ini dihadkan kepada BERNAS dan kilang bumiputera di bawah Program Pusat Belian (SPB) sahaja. Bayaran subsidi telah diturunkan kepada RM750 bagi setiap metrik tan beras ST15%. Manakala bagi Sabah dan Sarawak, subsidi yang ditetapkan adalah RM600 bagi setiap metrik tan beras S15%. Sasaran pengeluaran telah dihadkan kepada 40,000 mt sebulan di Semenanjung Malaysia manakala di Sabah dan Sarawak dihadkan kepada 20,000 mt sebulan. Sebanyak 69 pengilang telah menyertai program ini.

15.1.5. Pelaksanaan program ini melibatkan peranan pelbagai pihak. Seksyen Kawalselia Padi dan Beras (KPB) di Kementerian bertanggungjawab terhadap pemilihan pemborong beras, mengeluarkan senarai agihan kuota kepada setiap pemborong di samping memproses tuntutan bayaran subsidi. Selain itu, BERNAS bertanggungjawab untuk mengeluarkan beras, menentukan pengambilan beras sama ada di Kompleks BERNAS atau SPB, mengagihkan beras kepada pemborong dan membuat tuntutan bayaran. Carta aliran proses pelaksanaan program subsidi ini adalah seperti berikut:

CARTA 15.1
CARTA ALIRAN PROSES PELAKSANAAN PROGRAM SUBSIDI BERAS



15.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program Subsidi Beras telah diuruskan dengan teratur dan cekap bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

15.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini tertumpu kepada aspek pengurusan Program Subsidi Beras bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan telah dijalankan di KPB, Bahagian Industri Padi Dan Beras, Bahagian Kewangan di Kementerian; Cawangan KPB di Kedah, Perak, Sarawak dan Selangor; Ibu Pejabat BERNAS; dan Pejabat BERNAS di Kedah, Sarawak dan Selangor.

15.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan. Lawatan ke kilang BERNAS, SPB, premis pemborong dan peruncit juga telah dilakukan. Selain itu, temu bual dengan pegawai berkaitan, pemborong dan peruncit juga telah diadakan.

15.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September 2011 hingga Januari 2012 mendapati objektif Program Subsidi Beras belum dicapai sepenuhnya di mana tiada satu mekanisme diwujudkan bagi memastikan golongan sasar yang ditetapkan mendapat manfaat daripada program ini. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam menguruskan program subsidi dan sasaran penerima/pengguna tidak dapat dikawal. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

i. sasaran pengeluaran beras subsidi tidak dicapai sepenuhnya;
ii. peruntukan tidak mencukupi untuk menjelaskan tuntutan subsidi;
iii. garis panduan yang kurang jelas dan tidak komprehensif;
iv. perjanjian antara Kementerian dan BERNAS lewat ditandatangani dan terdapat kontrak ditandatangani selepas tamat tempoh kontrak; dan
v. kekurangan pegawai untuk menjalankan pemantauan program subsidi beras.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

15.5.1. Prestasi Pengeluaran Beras Subsidi

15.5.1.1. Peningkatan/pengurangan pengeluaran beras subsidi bergantung kepada pengeluaran beras tempatan oleh BERNAS dan kuota yang ditetapkan oleh Kementerian iaitu berdasarkan 1/3 daripada keperluan penduduk. Bagi tempoh bulan Januari 2009 hingga Mac 2009, sasaran pengeluaran beras subsidi yang ditetapkan bagi kegunaan Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 94,000 mt sebulan. Bagaimanapun, hanya sebanyak 66,196 mt dikeluarkan oleh BERNAS bagi tempoh 3 bulan tersebut. Manakala di Sabah dan Sarawak sebanyak 69,052 mt beras subsidi telah dikeluarkan dalam tempoh yang sama.

15.5.1.2. Sasaran yang ditetapkan mulai bulan April 2009 sehingga kini adalah sebanyak 40,000 mt sebulan bagi Semenanjung Malaysia manakala bagi Sabah dan Sarawak adalah sebanyak 20,000 mt sebulan. Sebanyak 756,519 mt beras tempatan dan sebanyak 929,276 mt menggunakan beras import telah dikeluarkan oleh BERNAS dari bulan April 2009 hingga Disember 2011 (33 bulan). Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.1
PENGELUARAN BERAS SUBSIDI BAGI TAHUN 2009 HINGGA 2011

NEGERI	FASA I	FASA II			
	Jan. - Mac 2009 (mt)	Apr. - Dis. 2009 (mt)	2010 (mt)	2011 (mt)	JUMLAH
Semenanjung Malaysia - Beras Super Tempatan	66,196	103,361	347,306	305,852	756,519
Semenanjung Malaysia - Beras Import	-	158,861	87,778	149,504	396,143
Sabah dan Sarawak - Beras Import	69,052	144,195	190,345	198,593	533,133
JUMLAH	**135,248**	**406,417**	**625,429**	**653,949**	**1,685,795**

Sumber: Data Dari BERNAS

15.5.1.3. Berdasarkan perkiraan Audit, purata pengeluaran beras subsidi bagi Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak bagi tempoh bulan April 2009 hingga Disember 2011 adalah 34,929 mt (87.3%) dan 16,156 mt (80.8%) sebulan masing-masingnya daripada sasaran yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.2
SASARAN DAN PURATA PENGELUARAN BERAS SUBSIDI SEBULAN

NEGERI	JAN. - MAC 2009 (3 BULAN)			APR. 2009 - DIS. 2011 (33 BULAN)		
	Sasaran Sebulan (mt)	Pengeluaran Sebulan (mt)	Pencapaian (%)	Sasaran Sebulan (mt)	Purata Pengeluaran Sebulan (mt)	Pencapaian (%)
Semenanjung Malaysia	94,000	22,065	23.5	40,000	34,929	87.3
Sabah/Sarawak	TM	23,017	TB	20,000	16,156	80.8
Jumlah	**94,000**	**45,082**		**60,000**	**51,085**	

Nota: ***TM - Tiada Maklumat***
TB - Tiada Berkaitan

Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran beras subsidi bagi Semenanjung Malaysia bagi tempoh bulan Januari hingga Mac 2009 adalah tidak memuaskan kerana hanya mencapai 23.5% daripada sasaran yang ditetapkan. Manakala, bagi tempoh bulan April 2009 hingga Disember 2011, prestasi pengeluaran beras subsidi bagi

Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak tidak dicapai sepenuhnya kerana hanya mencapai 87.3% dan 80.8% daripada sasaran masing-masing.

15.5.2. Prestasi Pengurusan Program Subsidi

15.5.2.1. Prestasi Kewangan Program Subsidi

Sejak Program Subsidi Beras dilaksanakan iaitu mulai bulan September 2008 hingga 2011, sejumlah RM1.828 bilion telah dibelanjakan daripada peruntukan sejumlah RM2.101 bilion. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TEMPOH BULAN SEPTEMBER 2008 HINGGA 2011

TAHUN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERBELANJAAN (%)
Sept. - Dis. 2008	707.00	443.42	62.7
2009	400.00	440.91	110.2
2010	337.93	287.94	85.2
2011	655.69	655.69	100.0
JUMLAH	**2,100.62**	**1,827.96**	**87.0**

15.5.2.2. Prestasi Pembayaran Subsidi Kurang Memuaskan

Bayaran subsidi akan dibayar berdasarkan kepada kuantiti beras yang dikeluarkan oleh pengilang dan setelah kelulusan untuk penjualan diperolehi daripada Pejabat Cawangan KPB di negeri berkenaan. Tuntutan subsidi akan dikemukakan ke Pejabat KPB negeri masing-masing berdasarkan kuantiti beras yang telah dijual kepada pemborong di pintu kilang dan seterusnya dihantar ke Ibu Pejabat KPB di Putrajaya untuk proses bayaran.

Semakan Audit mendapati daripada tuntutan berjumlah RM1.606 bilion yang dikemukakan setakat 31 Disember 2011 oleh BERNAS hanya sejumlah RM1.363 bilion (84.9%) telah dibayar oleh Kementerian. Baki tuntutan berjumlah RM243.25 juta masih belum dijelaskan oleh Kementerian. Selain itu, didapati Ibu Pejabat KPB tidak menyediakan daftar untuk merekodkan semua tuntutan yang diterima daripada BERNAS dan Pengilang Swasta. Dengan itu, tuntutan yang dikemukakan oleh BERNAS tidak dapat dipantau dan perancangan untuk pembayaran tidak dapat dilakukan secara tepat. Butiran lanjut mengenai prestasi pembayaran subsidi beras bagi tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.4
TUNTUTAN OLEH BERNAS DAN BAYARAN BAGI BERAS SUBSIDI

TEMPOH	TUNTUTAN (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	BAKI BELUM DIBAYAR (RM Juta)
16.04.2008 - 26.08.2008	19.95	19.95	-
16.04.2008 - 31.05.2009	10.03	10.03	-
26.08.2008 - 31.12.2008	48.43	48.43	-
01.01.2009 - 31.12.2009	111.74	111.74	-
01.01.2010 - 31.12.2010	184.96	184.96	-
01.01.2011 - 31.12.2011	219.00	115.60	103.40
Jun 2008 - Mei 2009	428.37	428.37	-
Jun 2009 - Nov. 2009	56.72	56.72	-
Jun 2009 - Nov. 2009	82.66	76.91	5.75
Jun 2009 - Julai 2009	0.94	-	0.94
Dis. 2009 - Nov. 2010	126.46	126.46	-
Dis. 2009 - Nov. 2010	67.49	27.47	40.02
April 2009 - Dis. 2010	4.53	-	4.53

TEMPOH	TUNTUTAN (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	BAKI BELUM DIBAYAR (RM Juta)
April 2010 - Dis. 2010	2.74	-	2.74
Dis. 2010 - Nov. 2011	105.42	22.19	83.23
Dis. 2010 - Nov. 2011	134.22	134.22	-
Jan. 2011 - Dis. 2011	2.64	-	2.64
	1,606.30	**1,363.05**	**243.25**

Sumber: BERNAS

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Baki tuntutan BERNAS yang masih tertunggak sehingga bulan Disember 2011 adalah kerana peruntukan tahunan yang diterima oleh Kementerian tidak mencukupi untuk menjelaskan tuntutan Subsidi Beras oleh BERNAS mengikut tahun semasa. Selain itu, daftar rekod tuntutan telah disediakan dan dikemas kini mengikut format dan tatacara pengurusan kewangan mulai bulan Mei 2012.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan daftar tuntutan sentiasa disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Kementerian juga perlu merancang satu mekanisme untuk menyelesaikan amaun tunggakan yang disahkan untuk dibayar.

15.5.3. Pengurusan Perjanjian

15.5.3.1. Perjanjian Antara Kementerian Dengan BERNAS Lewat Ditandatangani

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995 menetapkan kontrak/perjanjian perlu ditandatangani secepat mungkin atau selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit terhadap 12 perjanjian antara Kementerian dengan BERNAS selaku agen yang membeli beras daripada pengilang dan membekal beras kepada pemborong mendapati perjanjian ini lewat ditandatangani antara 69 hingga 634 hari. Daripada perjanjian tersebut, terdapat 4 perjanjian ditandatangani selepas tamat tempoh perjanjian. Butiran lanjut mengenai kelewatan menandatangani perjanjian adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.5
KELEWATAN MENANDATANGANI PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN DENGAN BERNAS

TAJUK PERJANJIAN	TEMPOH PERJANJIAN	TARIKH PERJANJIAN DITANDATANGANI	KELEWATAN (Hari)	PERJANJIAN DITANDATANGANI DALAM TEMPOH Ya (✓) / Tidak (✗)
Pembekal Beras Subsidi di Sabah dan Sarawak	01.06.2008 - 31.05.2009	03.04.2009	185	✓
Pembekal Beras Subsidi di Semenanjung Malaysia	01.04.2009 - 30.11.2009	30.11.2009	122	✓
Pembekal Beras Subsidi di Sabah dan Sarawak	01.04.2009 - 30.11.2009	30.11.2009	122	✓
Pembekal Beras Subsidi di Sabah dan Sarawak	01.06.2008 - 31.12.2008	06.01.2010	463	✗
Pembekal Beras Subsidi di Semenanjung Malaysia	16.04.2008 - 26.08.2008	12.05.2010	634	✗
Pembekal Beras Subsidi Kepada Petani	16.04.2008 - 31.05.2009	12.05.2010	634	✗
Pembekal Beras Subsidi di Semenanjung Malaysia	01.12.2009 - 30.11.2010	03.11.2010	217	✓
Pembekal Beras Subsidi di Sabah dan Sarawak	01.12.2009 - 30.11.2010	03.11.2010	217	✓

TAJUK PERJANJIAN	TEMPOH PERJANJIAN	TARIKH PERJANJIAN DITANDATANGANI	KELEWATAN (Hari)	PERJANJIAN DITANDATANGANI DALAM TEMPOH Ya (✓) / Tidak (✗)
Agen Beli Beras Dari Pengilang Di Sabah dan Sarawak Dan Bekal Beras Subsidi	01.01.2010 - 31.12.2010	08.07.2011	434	✗
Pembekal Beras Subsidi di Sabah dan Sarawak	01.12.2010 - 30.11.2011	08.07.2011	99	✓
Agen Beli Beras Dari Pengilang Di Sabah dan Sarawak Dan Bekal Beras Subsidi	01.01.2011 - 31.12.2011	08.07.2011	69	✓
Pembekal Beras Subsidi di Semenanjung Malaysia	01.12.2010 - 30.11.2011	08.07.2011	99	✓

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Langkah penambahbaikan telah diambil di mana kelewatan tidak lagi berlaku bagi menandatangani perjanjian semasa kecuali bagi Perjanjian Agen Beli Beras dari Pengilang di Sabah dan Sarawak dan Bekal Beras Subsidi berikutan kelewatan mendapat persetujuan bersama mengenai klausa perjanjian.

15.5.3.2. Perjanjian Di Antara Kementerian Dengan Pemborong Tidak Dimeterai

Garis Panduan Mengenai Pelaksanaan Pengedaran Program Beras Subsidi Oleh Pemborong antaranya menetapkan suatu perjanjian akan ditandatangani antara Kerajaan dengan pemborong di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949. Ia adalah bagi memastikan pemborong mematuhi segala klausa perjanjian yang ditetapkan bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Semakan Audit mendapati tiada perjanjian ditandatangani antara Kementerian dengan pemborong bagi Fasa I dan II. Bagaimanapun, hanya Surat Setuju Terima pelantikan sebagai pengedar beras subsidi dikeluarkan kepada pemborong bagi Fasa I. Surat Setuju Terima tersebut didapati tidak menyatakan dengan jelas klausa tindakan yang boleh dikenakan sekiranya pemborong melakukan kesalahan.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Kementerian memutuskan perjanjian di bawah Fasa II antara Kerajaan dengan BERNAS adalah memadai. Ini adalah kerana hanya BERNAS yang dilantik sebagai pembekal sumber beras subsidi dan mengemukakan tuntutan subsidi kepada Kerajaan. Bagaimanapun, sebagai langkah penambahbaikan, Surat Aku Janji berkaitan peranan dan tanggungjawab pemborong telah diedarkan kepada semua pemborong pada 28 Mac 2012 di Semenanjung Malaysia dan pada 5 April 2012 di Sabah dan Sarawak.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memastikan perjanjian disediakan dan ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

15.5.4. Pengurusan Subsidi

15.5.4.1. Tiada Garis Panduan Yang Jelas dan Komprehensif

a. Garis panduan yang jelas dan komprehensif perlu disediakan bagi memastikan program yang hendak dilaksanakan adalah menyeluruh, sistematik dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Kementerian telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Pengedaran Program Beras Subsidi Oleh Pemborong. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati garis panduan tersebut tidak memperincikan proses pemilihan pemborong.

b. Bagi memastikan proses pemilihan dibuat dengan telus dan mengambil kira keupayaan pemborong seperti pemilikan peralatan yang lengkap dan kemudahan yang mencukupi satu jawatankuasa perlulah diwujudkan. Semakan Audit selanjutnya terhadap rekod dan fail di Seksyen KPB mendapati satu surat jemputan mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Pemborong Yang Menyertai Program Beras Subsidi telah dikeluarkan pada 22 April 2009. Bagaimanapun, tiada bukti secara bertulis bahawa Jawatankuasa Pemilihan Pemborong ada diwujudkan untuk proses pemilihan pemborong berkenaan.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Jawatankuasa Penyelarasan dan Pelaksanaan Program Beras Subsidi telah ditubuhkan pada bulan Januari 2012 dan bidang tugas jawatankuasa meliputi penetapan kuota bulanan tidak termasuk kuota khas; mempertimbangkan rayuan bagi pemborong yang diambil tindakan; pemilihan pemborong baru untuk diagihkan kuota; menahan/menggugur/mengurang dan menambah kuota serta memutuskan tindakan kepada pemborong yang melakukan kesalahan; memberi pandangan dan cadangan bagi penambahbaikan program subsidi beras; serta hal-hal lain yang berkaitan dengan program subsidi beras. Garis panduan pelaksanaan beras subsidi yang jelas dan komprehensif akan disediakan selewat-lewatnya bulan Ogos 2012.

15.5.5. Pengurusan Stor Dan Stok Beras

Lawatan Audit telah dibuat ke 4 negeri iaitu Kedah, Perak, Sarawak dan Selangor untuk melihat pelaksanaan program subsidi beras ini. Sebanyak 15 pengilang, 31 pemborong, 5 peruncit dan 4 pejabat BERNAS negeri telah dilawati. Pemeriksaan Audit mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

15.5.5.1. Akaun Harian Stok Tidak Dikemukakan/Tidak Dikemas Kini

Mengikut Akta Kawalan Padi Dan Beras 1994 dan Peraturan Kawalan Padi Dan Beras, seseorang pemegang lesen borong hendaklah menyelenggara satu akaun harian berkenaan dengan semua beras yang dibeli, beras didapati daripada pengilang, jumlah penjualan dan stok dalam tangan. Akaun itu hendaklah diserahkan jika diminta untuk diperiksa oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Kementerian di premis perniagaan tersebut. Semakan Audit mendapati 4 pemborong tidak mengemukakan akaun harian stok dan seorang pemborong tidak mengemaskinikannya.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Siasatan telah dibuat dan mendapati pemborong telah menyediakan dan mengemas kini buku stok pelesen. Surat peringatan kepada pemborong

berkenaan telah dikeluarkan pada 18 April 2012 agar mengemas kini buku stok dan tindakan undang-undang akan dikenakan ke atas pelesen jika pelesen ingkar.

15.5.5.2. Mengampit Beras Di Tempat Lain

a. Mengikut Akta Kawalan Padi Dan Beras 1994 dan Peraturan Kawalan Padi Dan Beras, lesen hendaklah dipamerkan di suatu tempat yang mudah dilihat di alamat yang dinyatakan dalam lesen itu. Selain itu, mesin kampit dan stok beras hendaklah disimpan mengikut alamat yang tertera di lesen borong. Lawatan Audit ke sebuah premis pemborong di Kamunting, Taiping, Perak mendapati lesen yang dikeluarkan pada 14 Januari 2010 tidak dipamerkan di bangunan tersebut. Selain itu, buku akaun harian stok beras subsidi diselenggarakan di tempat lain kerana ketiadaan kemudahan asas pejabat. Adalah didapati juga papan tanda nama syarikat tidak dipamerkan di pintu masuk atau luar bangunan. Pihak Audit tidak dapat memastikan kesahihan operasi pengampitan dijalankan di bangunan tersebut kerana semasa lawatan didapati tiada punca kuasa elektrik di dalam bangunan tersebut dan mesin untuk mengampit diikat dengan tali. Butiran lanjut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 15.1



Kamunting, Perak
- Tiada Papan Tanda Nama Syarikat Di Luar Bangunan
(20.01.2012)

GAMBAR 15.2



Kamunting, Perak
- Mesin Pengampit Beras Diikat Dengan Tali
(20.01.2012)

b. Lawatan Audit ke sebuah lagi premis pemborong di Kuala Kurau, Perak mendapati stor beras subsidi juga digunakan sebagai tempat penyimpanan makanan kering seperti bihun dan gula serta ia juga dijadikan sebagai tempat urus niaga jual beli beras subsidi. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati mesin untuk mengampit dan stok beras yang belum dikampit diletakkan di kilang beras pemborong tersebut iaitu di Batu Kurau, Perak yang sepatutnya disimpan mengikut alamat yang tertera di lesen borong. Butiran lanjut adalah seperti di tunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 15.3



Premis Pemborong Di Kuala Kurau, Perak
- Premis Pemborong Digunakan Sebagai Stor
(19.01.2012)

GAMBAR 15.4



Kilang Beras Di Batu Kurau, Perak
- Mesin Pengampit Di Kilang Beras
(20.01.2012)

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Siasatan telah dibuat dan pelesen telah diberi teguran dan amaran keras agar sebarang aktiviti pengampitan dan urusan jual beli beras hendaklah dibuat di premis/stor yang dilesenkan di dalam lesen borong beras pelesen dan tindakan pembatalan lesen borong beras akan dikenakan jika pelesen ingkar. Ekoran dari itu, pelesen telah mengambil tindakan sewajarnya untuk mematuhi teguran berkenaan.

Pada pendapat Audit, pihak Kementerian hendaklah memastikan setiap pemegang lesen beras mematuhi peraturan yang telah ditetapkan seperti menyelenggara Akaun Harian Stok dengan lengkap dan kemas kini serta mengampit dan menyimpan stok beras mengikut alamat yang tertera dalam lesen borong.

15.5.6. Penjualan Beras Subsidi Di Pasaran Terbuka

Program Subsidi Beras dilaksanakan oleh Kerajaan, khas untuk rakyat miskin dan berpendapatan rendah supaya dapat mengurangkan bebanan untuk memperolehi beras yang murah di pasaran. Lawatan Audit ke beberapa peruncit dan pasar raya mendapati beras ini dijual secara terbuka. Ini membolehkan semua golongan pengguna termasuk warga asing dan pengusaha makanan memperoleh beras tersebut tanpa kawalan dan seterusnya menikmati subsidi yang diberikan oleh Kerajaan. Penjualan beras subsidi kepada pengguna adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 15.5



Pasaraya Di Sri Aman Sarawak
- Bekalan Beras Subsidi S15% Dijual Di Pasaraya
(29.09.2011)

GAMBAR 15.6



Pasaraya Di Semenyih, Selangor
- Bekalan Beras Subsidi ST15%
Dijual Di Pasaraya Hypermarket
(24.03.2012)

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Mesyuarat Penambahbaikan Pelaksanaan Pembekalan Beras ST15 yang dipengerusikan oleh YB Menteri telah diadakan pada 18 April 2012 dan 8 Mei 2012. Pada prinsipnya cadangan penambahbaikan telah dipersetujui dengan menukar mekanisme pelaksanaan program subsidi beras agar objektif program tercapai sepenuhnya kepada golongan sasaran. Sebelum ini, Kementerian telah meneliti beberapa kaedah pelaksanaan bagi mengatasi ketirisan beras subsidi yang dijual di pasaran terbuka. Kaedah pelaksanaan telah dicadangkan iaitu Program Subsidi Beras Untuk Rakyat (SUBUR) melalui 2 opsyen iaitu pemberian kupon kepada senarai penerima berdasarkan senarai e-Kasih (ICU, JPM) dan penghantaran beras subsidi ke rumah penerima berdasarkan senarai e-Kasih dan

senarai yang disyorkan oleh Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen. Bagaimanapun, Jemaah Menteri telah memutuskan pada 22 November 2009 untuk menangguhkan pelaksanaan program SUBUR.

Pada pendapat Audit, pihak Kementerian perlu memastikan program subsidi beras ini sampai kepada golongan sasaran.

15.5.7. Pemantauan

15.5.7.1. Pelancaran Program Subsidi Beras mulai tahun 2008 memerlukan Kementerian memantau pelaksanaannya supaya ia dapat diuruskan dengan teratur serta mencapai matlamat yang ditetapkan. Kementerian hendaklah mewujudkan mekanisme pelaksanaan yang teratur dan dipantau secara kerap di semua peringkat terlibat bagi memastikan subsidi ini dinikmati oleh golongan miskin.

15.5.7.2. Berdasarkan fail yang dikemukakan oleh Kementerian, didapati pada tahun 2009 satu surat panggilan mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Pemborong telah dikeluarkan tetapi minit mesyuarat tiada dalam fail. Manakala bagi tahun 2011 satu mesyuarat Jawatankuasa Kuota Beras Subsidi telah diadakan pada 3 Oktober 2011.

15.5.7.3. Pihak Audit dimaklumkan bahawa pemantauan di negeri yang dilawati adalah kebanyakannya berdasarkan aduan yang diterima. Pemantauan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana kekurangan kakitangan berbanding dengan jumlah pengilang dan pemborong yang perlu dikawal seperti di **Jadual 15.6**. Di samping itu, pihak KPB kekurangan kenderaan bagi menjalankan pemantauan. Adalah didapati setiap cawangan di negeri yang dilawati hanya mempunyai sebuah kenderaan untuk kegunaan keseluruhan pejabat kecuali negeri Sarawak yang mempunyai 3 buah kenderaan iaitu di Kuching, Sibu dan Miri.

JADUAL 15.6
PERBANDINGAN ANTARA BILANGAN PEGAWAI DAN JUMLAH PENGILANG DAN PEMBORONG SETAKAT 31 DISEMBER 2011

NEGERI	BIL. PEGAWAI	PENGILANG	PEMBORONG
Selangor	13	8	383
Kedah	20	91	265
Perak	16	16	100
Sarawak	14	23	175
JUMLAH	**63**	**138**	**923**

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Beberapa langkah penambahbaikan dalam memantau pelaksanaan program subsidi beras telah dirancang dan dilaksanakan seperti mesyuarat Ketua Pengarah bersama Pengarah Negeri dan Ketua Cawangan KPB (2 bulan sekali); Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan dan Pelaksanaan Program Subsidi Beras - setiap bulan; Sesi Dialog/Mesyuarat Ketua Pengarah bersama Pemborong/ Pengilang (2 bulan sekali); mesyuarat/perbincangan pindaan Akta/Peraturan/ Dasar Kawal Selia Padi dan Beras (2 bulan sekali); Pelaksanaan Lesen secara online (e-Lesen) bermula bulan Jun 2012; peruntukan tambahan bagi tujuan operasi penguatkuasaan dan bagi menjelaskan tunggakan bayaran subsidi beras BERNAS; dan Kajian Penstrukturan Semula bagi memantapkan aktiviti penguatkuasaan KPB (Jun/Julai 2012).

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan pemantauan dilaksanakan seperti yang dirancang dan secara berterusan.

15.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Program Subsidi Beras dapat dilaksanakan dengan berkesan, adalah disyorkan supaya Kementerian mempertimbangkan perkara seperti berikut:

15.6.1. Mengkaji semula keperluan Program Subsidi Beras berdasarkan objektif program ini yang sedia ada.

15.6.2. Mengkaji keperluan melaksanakan kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi memastikan beras subsidi kepada orang miskin dapat disalurkan dengan cara yang lebih berkesan.

15.6.3. Mengambil tindakan segera untuk memeterai perjanjian dengan BERNAS dan juga pemborong bagi memastikan segala peraturan yang ditetapkan dipatuhi. Kementerian juga perlu menyatakan dengan jelas klausa yang membabitkan tanggungjawab dan tindakan yang boleh diambil ke atas pemborong yang melanggar perjanjian.

15.6.4. Menyediakan garis panduan yang jelas dan komprehensif bagi memastikan pelaksanaan program mencapai objektif yang ditetapkan.

15.6.5. Memastikan daftar tuntutan subsidi beras disediakan dengan lengkap dan kemas kini.

15.6.6. Mengadakan mekanisme pemantauan yang berkesan bagi memastikan tiada unsur penipuan dan penyelewengan di peringkat pengilang dan pemborong.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 111-114
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011


KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

16. JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
- PENGURUSAN PEMBANGUNAN INDUSTRI RUMPAI LAUT

16.1. LATAR BELAKANG

16.1.1. Industri rumpai laut di Malaysia telah bermula di Negeri Sabah semenjak tahun 1978 lagi. Projek rumpai laut banyak diusahakan di daerah Semporna, Kunak, Lahad Datu, Banggi, Kudat dan Tawau, Sabah kerana mempunyai kelebihan dari segi kesesuaian air laut untuk pengkulturan rumpai laut. Jenis rumpai laut utama yang dihasilkan adalah dari spesis *Kappaphycus* dan *Euchema*. Projek industri rumpai laut telah mendapat bantuan daripada Kerajaan Persekutuan semenjak Rancangan Malaysia Ke-5 lagi. Industri rumpai laut tersenarai dalam *Entry Point Project* (EPP) 3 di bawah *National Key Economic Area* (NKEA) iaitu untuk mendatangkan keuntungan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan memberi penekanan kepada pemodenan, pengeluaran berskala besar dan penambahan hasil melalui teknologi baru serta kaedah yang lebih cekap. Kawasan pengkulturan rumpai laut adalah seperti ditunjukkan dalam peta berikut:

PETA 16.1
KAWASAN PENGKULTURAN RUMPAI LAUT DI SABAH



16.1.2. Objektif Pembangunan Industri Rumpai Laut adalah untuk menghasilkan rumpai laut bagi industri huluan dan hiliran yang diterajui oleh sektor swasta; mengurangkan kebergantungan import; dan peningkatan jaminan kualiti serta harga rumpai laut.

16.1.3. Pada tahun 2010, sebanyak 20,000 mt rumpai laut kering dengan nilai berjumlah RM60 juta telah dihasilkan melibatkan kawasan pengkulturan seluas 9,000 hektar. Perusahaan ini menjadi sumber pendapatan kepada 1,200 keluarga di kawasan pengkulturan rumpai laut perairan Pantai Timur Negeri Sabah. Setakat ini perusahaan rumpai laut masih berkembang secara kaedah pengkulturan tradisional atau konvensional yang menyebabkan produktiviti yang rendah, kebergantungan kepada tenaga buruh yang ramai dan kualiti hasil yang tidak terjamin.

16.1.4. Di bawah RMKe-9, Kerajaan telah meluluskan sejumlah RM7.20 juta untuk melaksanakan projek pembangunan industri rumpai laut yang melibatkan kos pembelian peralatan, menaik taraf dan pembinaan pelantar. Di samping itu, sejumlah RM6.64 juta disalurkan untuk program penyelidikan melibatkan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM) dan SIRIM Berhad. Dua bidang utama telah dikenal pasti iaitu huluan dan hiliran. Bidang huluan diketuai oleh Yayasan UMS (agensi di bawah UMS) di mana bertanggungjawab untuk membangunkan sektor pengkulturan rumpai laut seperti memperkenalkan program mini estet rumpai laut, pengkulturan spesies *Gracilaria* dalam kolam dan pengkulturan spesies *Gelidium* secara *long-line*. Manakala bidang hiliran pula diketuai oleh UKM untuk membangunkan sektor pemprosesan rumpai laut terutamanya dalam industri makanan dan bukan makanan berasaskan rumpai laut. Di bawah RMKe-10 pula, Kerajaan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah meluluskan sejumlah RM46.07 juta untuk pembangunan mini estet, program penyelidikan, pembinaan kilang perintis dan peruntukan operasi. Kesemua peruntukan ini disalurkan terus kepada UMS selaku *co-owner* dan Jabatan Perikanan Malaysia (Jabatan), Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (Kementerian) sebagai *project owner.*

16.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada aktiviti pembangunan industri rumpai laut telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

16.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pembangunan industri rumpai laut bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2009 hingga 2011 di Cawangan Akuakultur Marin, Jabatan Perikanan Malaysia (Jabatan); Jabatan Perikanan Negeri Sabah; Universiti Malaysia Sabah; Universiti Malaya dan SIRIM Berhad.

16.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan. Di samping itu, lawatan ke tapak projek di kawasan pengkulturan rumpai laut iaitu Semporna, Kunak dan Lahad Datu di Sabah serta temu bual dengan pegawai yang terlibat turut diadakan.

16.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2011 hingga Januari 2012 mendapati secara umumnya sasaran yang ditetapkan oleh Jabatan/NKEA dalam meningkatkan pengeluaran rumpai laut kering bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 telah tercapai. Bagaimanapun di bawah NKEA, projek *mini estet* masih belum dibangunkan sepenuhnya. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan pengurusan industri rumpai laut seperti berikut:

i. sebahagian besar peruntukan untuk membangunkan aktiviti rumpai laut masih belum dibelanjakan;
ii. pembinaan pelantar pengeringan/pemprosesan rumpai laut yang kurang memuaskan; dan
iii. peralatan yang telah dibekalkan masih belum digunakan/rosak.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui serta maklum balas Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

16.5.1 Prestasi Pencapaian Projek

16.5.1.1. Sasaran Pengeluaran Rumpai Laut


Jabatan telah menetapkan sasaran pengeluaran rumpai laut kering iaitu sebanyak 55,000 mt bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2009 hingga 2011. Manakala di bawah NKEA, Kerajaan menetapkan sasaran pengeluaran rumpai laut kering sebanyak 27,000 mt bagi tahun 2011 melalui sesi makmal PEMANDU 2010. Bagaimanapun, sasaran ini telah diubah kepada 22,000 mt di dalam Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU NKEA Sektor Pertanian Bil. 11/2011 pada 16 Ogos 2011. Semakan Audit mendapati pengeluaran sebenar rumpai laut kering bagi ketiga-tiga tahun tersebut telah melebihi sasaran Jabatan dan NKEA dengan pencapaian antara 103.9% hingga 108.2%. Bagaimanapun, projek mini estet yang dipertanggungjawab kepada Yayasan UMS dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM30 juta masih belum dibangunkan sepenuhnya di mana setakat akhir tahun 2011, hanya peralatan seperti kelengkapan makmal dan kerja lapangan (baja dan tali *eco friendly tie-tie*) untuk mini estet tersebut yang diperolehi. Sasaran dan pengeluaran rumpai laut kering adalah seperti di **Jadual 16.1** dan lakaran pelan projek rumpai laut secara mini estet adalah seperti **Gambar 16.1** dan **16.2**.

JADUAL 16.1
SASARAN JABATAN DAN PENGELUARAN RUMPAI LAUT KERING BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	SASARAN PENGELUARAN (mt)		PENGELUARAN SEBENAR (mt)	PERATUS PENGELUARAN (%)	
	JABATAN	NKEA		JABATAN	NKEA
2009	13,000	TB	13,886	106.8	TB
2010	20,000	TB	20,785	103.9	TB
2011	22,000	22,000	23,800	108.2	108.2
JUMLAH	**55,000**	**22,000**	**58,471**		


Nota: ***TB - Tiada Berkaitan***

GAMBAR 16.1



Model Projek Mini Estet
- Pengkulturan Rumpai Laut Secara Mini Estet
(Sumber: UMS)

GAMBAR 16.2



Model Projek Mini Estet
- Kompleks Bersepadu Ladang Rumpai Laut Mini Estet
(Sumber: UMS)

16.5.1.2. Prestasi Kewangan Projek

a. Semakan Audit terhadap peruntukan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 mendapati sejumlah RM63.17 juta telah diluluskan dan daripada peruntukan tersebut sejumlah RM14.34 juta (22.7%) telah dibelanjakan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 16.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
2009	5.04	0.78	15.5
2010	12.06	12.24	101.5
2011	46.07	1.32	2.9
JUMLAH	**63.17**	**14.34**	**22.7**

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati hanya 15.5% yang dibelanjakan pada tahun 2009. Bagaimanapun bagi tahun 2010, perbelanjaan telah melebihi peruntukan dengan RM1.18 juta (1.5%). Ini adalah kerana baki peruntukan yang telah diterima oleh pihak SIRIM Berhad daripada Kementerian pada tahun 2009 iaitu sejumlah RM5.04 juta telah digunakan juga dalam tahun 2010. Selain itu, bagi tahun 2011, hanya sejumlah RM1.32 juta (2.9%) daripada peruntukan yang diluluskan telah dibelanjakan.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 26 Jun 2012

Tahun 2011 adalah tahun permulaan pelaksanaan projek di bawah NKEA Agromakanan. Selain itu, prestasi perbelanjaan yang terlalu rendah bagi tahun 2011 adalah juga disebabkan oleh:

i. kelulusan terhadap kaedah perolehan tanpa mengikut peraturan semasa hanya diterima oleh pihak UMS pada suku tahun ketiga tahun 2011 iaitu pada 21 Oktober 2011; dan

ii. format perjanjian yang dipersetujui oleh Pegawai Undang-undang Kementerian hanya dimuktamadkan dan diserah kepada UMS pada bulan November 2011.

c. Peruntukan sejumlah RM63.17 juta tersebut telah diperuntukkan kepada Agensi Pelaksana iaitu Jabatan Perikanan Negeri Sabah (JPN Sabah), UMS, UKM, UM, USM dan SIRIM Berhad bagi tujuan penyelidikan dan pelaksanaan projek. Agihan peruntukan dan perbelanjaan mengikut Agensi Pelaksana adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 16.3
PRESTASI PERBELANJAAN AGENSI PELAKSANA BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

AGENSI	2009		2010		2011	
	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)
JPN Sabah	-	-	7.16	7.16	-	-
UMS	-	-	2.10	0.70	46.07	-
UKM	-	-	1.00	0.97	-	-
UM	-	-	1.60	0.52	-	-
USM	-	-	0.20	0.20	-	-
SIRIM	5.04	0.78	-	2.69	-	1.32
JUMLAH	**5.04**	**0.78**	**12.06**	**12.24**	**46.07**	**1.32**

Sumber: Kementerian dan SIRIM Berhad

d. Di bawah NKEA, pada tahun 2011 sejumlah RM6 juta daripada peruntukan RM46.07 juta yang diterima UMS telah disalurkan oleh Unit Penyelarasan

Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri untuk program penyelidikan dan pembangunan. Pihak UMS pula sepatutnya menyerahkan sebahagian daripada peruntukan ini iaitu sejumlah RM2 juta kepada 3 lagi universiti tempatan iaitu UKM, USM dan UM bagi tujuan yang sama. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2011, peruntukan ini masih belum diserahkan oleh UMS kepada universiti terlibat.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 26 Jun 2012

Peruntukan sejumlah RM2 juta telah diagihkan kepada setiap universiti pada 13 Februari 2012.

Pada pendapat Audit, perancangan pembangunan projek yang kurang efektif telah menyumbang kepada prestasi perbelanjaan yang rendah pada tahun 2009 dan 2011, projek mini estet yang belum dibangunkan serta pengurangan dalam sasaran asal NKEA pada tahun 2011. Selain itu, pihak UMS sepatutnya mengagihkan peruntukan pada peringkat awal lagi iaitu pada tahun 2011 supaya program penyelidikan dan pembangunan dapat dimulakan dengan segera. Pihak UMS perlu meningkatkan mekanisme untuk membangunkan projek mini estet.

16.5.2. Pengurusan Projek

16.5.2.1. Pelantikan Syarikat Peneraju Oleh UMS

UMS telah melantik 11 syarikat peneraju bagi projek pengkulturan rumpai laut secara mini estet. Antara tanggungjawab syarikat peneraju ini adalah menyertai dan melaksanakan segala aktiviti berkaitan pembangunan industri rumpai laut sehinggalah menjual hasil rumpai laut kering. Hasil ini diperolehi daripada projek ini kepada pusat pengumpulan yang ditetapkan dan pada harga yang dipersetujui oleh UMS. Semakan Audit mendapati, syarikat peneraju tidak dapat mengusahakan pengkulturan rumpai laut kerana pihak UMS masih belum membangunkan mini estet.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 26 Jun 2012

Tiga mekanisme baru telah dirancang dan mula dilaksanakan untuk mempercepatkan pelaksanaan projek mini estet.

Pada pendapat Audit, pihak UMS sepatutnya merancang mekanisme yang sesuai pada peringkat awal lagi untuk memastikan objektif projek dapat dicapai tanpa kelewatan. Kesan daripada kelewatan pembangunan projek *mini estet* ini akan menjejaskan penetapan sasaran pada masa akan datang serta pencapaian objektif. Di samping itu, mekanisme baru yang telah dirancang hendaklah disempurnakan dengan segera.

16.5.2.2. Program Pembangunan Industri Rumpai Laut Oleh SIRIM Berhad Belum Diserah Sepenuhnya

Di bawah Program Pembangunan Industri Rumpai Laut Negara, Jabatan Perikanan Malaysia telah bekerjasama dengan SIRIM Berhad melalui memorandum persefahaman yang telah ditandatangani pada 17 April 2009. Sebanyak 6 program pembangunan industri rumpai laut bidang huluan dan hiliran perlu dilaksanakan oleh SIRIM Berhad dengan anggaran kos RM5.04 juta seperti berikut:

- Pembangunan Prototaip untuk Mekanisasi Penuaian Bagi Kaedah Raga dan *Long Line;*
- Pembangunan Prototaip Sistem Pengkulturan dan Penuaian Rumpair Secara Raga;
- Pembangunan Prototaip Sistem Pengeringan Rumpair;
- Pembangunan Sistem Pengeringan Solar di Lautan;
- Pembangunan Produk-produk Kosmetik; dan
- Pembungkusan Produk-produk Kosmetik.

Kesemua Program ini telah bermula pada 2 Mei 2009 dan dijadualkan siap sebelum akhir tahun 2010. Semakan Audit mendapati setakat bulan Disember 2011, hanya 3 daripada 6 program telah diserahkan. Salah satu program yang belum diserahkan iaitu program Pembangunan Prototaip untuk Sistem Pengkulturan dan Penuaian Secara Raga adalah disebabkan oleh kehilangan 4 enjin bot semasa proses penghantaran.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 26 Jun 2012

Dua program lagi iaitu Program Pembangunan Sistem Pengeringan Solar di Lautan; Program Pembangunan Produk-produk Kosmetik dan Program Sistem Pengkulturan Dan Penuaian Rumpair Secara Raga akan diserahkan pada 6 Julai 2012.

Pemeriksaan Audit selanjutnya terhadap program pembangunan industri rumpai laut oleh SIRIM Berhad mendapati perkara seperti berikut:

a. Prototaip Sistem Pengeringan Rumpai Laut Tidak Digunakan

Dalam program ini, SIRIM Berhad telah membangunkan Prototaip Sistem Pengeringan Rumpai Laut di Pulau Omadal, Semporna, Sabah bernilai RM600,000 yang terdiri daripada 2 komponen iaitu *Spinner* dan *Rotary Drum Dryer.* Mesin ini dibangunkan untuk membantu menyingkatkan proses dan tempoh masa pengeringan awal bagi meningkatkan lagi produktiviti pengusaha rumpai laut. Mesin ini telah diuji serta latihan telah diberi kepada wakil Jabatan Perikanan dan pengusaha pada 20 Disember 2010. Lawatan Audit mendapati mesin ini tidak digunakan dan mengikut penjelasan pegawai Jabatan Perikanan Sabah, penternak tempatan tidak berminat untuk menggunakannya. Selain itu, adalah didapati mesin ini telah berkarat kerana ia diperbuat daripada bahan besi dan tidak disenggarakan. Keadaan mesin tersebut adalah seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 16.3



Pelantar Pulau Omadal, Semporna, Sabah - Prototaip Sistem Pra-Pengeringan (19.11.2011)

GAMBAR 16.4




Pelantar Pulau Omadal, Semporna, Sabah - Mesin Spinner Yang Berkarat (19.11.2011)

GAMBAR 16.5




Pelantar Pulau Omadal, Semporna, Sabah
- Penutup Mesin Spinner Yang Berkarat
(19.11.2011)

GAMBAR 16.6



Pelantar Pulau Omadal, Semporna, Sabah
- Penutup Rotary Drum Tercabut
(19.11.2011)



GAMBAR 16.7

Pulau Omadal, Semporna
- Keadaan Dalam Rotary Drum Yang Berkarat
(19.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 26 Jun 2012

SIRIM Berhad telah melaksanakan kerja membaik pulih dan menyenggara mesin pada 18 hingga 20 Februari 2012.

b. Sistem Hibrid Angin Tidak Dapat Digunakan


SIRIM Berhad juga telah membina Sistem Pengeringan Solar Di Lautan yang terdiri daripada Sistem Pengeringan Solar Termal dan Sistem Hibrid Angin Solar di Pelantar Pulau Omadal, Semporna, Sabah dengan nilai RM1.20 juta. Sistem ini yang telah siap dipasang/diserah pada 22 Oktober 2010 adalah untuk menjana kuasa elektrik dengan menggunakan tenaga daripada angin dan solar serta membantu meningkatkan kualiti rumpai laut yang dihasilkan di pelantar. Lawatan Audit pada 19 November 2011 mendapati kipas Sistem Hibrid Angin Solar telah patah dan tidak dapat digunakan. Menurut pegawai perikanan Sabah, ia berlaku akibat daripada kejadian angin kencang yang berlaku sekitar bulan Mac 2011 dan kipas ini masih belum diganti atau dibaiki. Keadaan kipas yang patah adalah seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 16.8



Pulau Omadal, Semporna, Sabah
- Turbin Kipas Sistem Hibrid Angin Solar Yang Patah
(19.11.2011)

GAMBAR 16.9



Pulau Omadal, Semporna, Sabah
- Turbin Kipas Sistem Hibrid Angin Solar
Yang Telah Dibaiki
(Sumber: SIRIM Berhad)

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 26 Jun 2012

Turbin kipas yang patah telah dibaiki pada 27 Februari 2012 dan SIRIM Berhad akan menyerahkan kepada Jabatan Perikanan Malaysia setelah sistem tersebut berfungsi dengan baik.

c. Enjin Bot Hilang

i. SIRIM Berhad telah memperuntukkan sejumlah RM1.80 juta untuk membangunkan Prototaip Sistem Pengkulturan dan Penuaian Secara Raga. Projek yang dibangunkan ini merangkumi 4 modul iaitu Modul Pengkulturan, Penuaian, Penapis dan Pembersih. Dalam Modul Penuaian, pihak SIRIM Berhad dikehendaki membekal satu sistem pengangkutan yang membolehkan proses penuaian dijalankan secara automatik. Sistem pengangkutan ini adalah dalam bentuk kapal berkonsepkan *catamaran* (dual hull) yang direka khas bagi membolehkan sistem penuaian dipasang di atasnya dan membenarkan kapal ini untuk melalui pengkulturan dengan mudah.

ii. SIRIM Berhad telah melantik Sri Bugis Ventures Sdn. Bhd. (SBV) sebagai agen pengangkutan untuk menghantar 2 unit bot *catamaran* bersama-sama dengan 4 enjin bot dari Pelabuhan Klang ke Tawau melalui Kota Kinabalu. Kos setiap enjin bot adalah RM37,400. Semakan Audit mendapati 4 enjin bot dengan kos keseluruhan berjumlah RM149,600 telah hilang dan satu laporan polis berkenaan kehilangan 4 unit enjin bot *catamaran* telah dibuat di Kota Kinabalu pada 1 November 2011. Setakat tarikh pengauditan, semua enjin bot tersebut masih belum diganti dan ini menyebabkan kelewatan dalam tempoh permulaan proses penuaian secara komersial. Berdasarkan memorandum persefahaman, pembekalan sepatutnya dibuat sebelum akhir tahun 2010 supaya proses penuaian secara komersial dapat dimulakan pada tahun 2011. Bot *catamaran* yang dihantar tanpa enjin adalah seperti di bawah:



GAMBAR 16.10

- Bot Catamaran Tanpa Enjin
(Sumber: SIRIM Berhad)

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 26 Jun 2012

Empat unit enjin bot telah diganti oleh SIRIM Berhad.

d. Produk Hiliran Belum Dipasarkan

Pembangunan Produk-produk Kosmetik dan Pembungkusan Produk-produk Kosmetik yang melibatkan penyelidikan dan pembangunan telah dimulakan pada 2 Mei 2009 dan siap pada 31 Disember 2010. Kedua-dua projek ini diberi peruntukan sejumlah RM480,000 dan RM120,000 masing-masingnya dan telah dibelanjakan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2011 masih tiada kesinambungan proses seterusnya iaitu dari segi pengeluaran dan pemasaran produk tersebut.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 26 Jun 2012

Syarikat swasta telah dikenal pasti untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan produk berasaskan rumpai laut. Penyerahan akan dibuat selepas urusan perkongsian harta intelek (IP) dan perjanjian diselesaikan.

Pada pendapat Audit, pihak SIRIM Berhad seharusnya membuat kajian yang lebih terperinci terhadap kesesuaian jenis logam yang sepatutnya digunakan dalam Sistem Pengeringan Rumpai Laut kerana ia dibina di tengah laut. Selain itu, SIRIM Berhad hendaklah bertanggungjawab ke atas bekalan bot *catamaran* secara sempurna kepada Jabatan Perikanan Sabah. Di samping itu, kesinambungan proses hendaklah dikaji dan dilaksanakan dengan segera agar produk kosmetik yang dihasilkan daripada penyelidikan dan pembangunan tersebut dapat dikeluarkan dan dipasarkan.

16.5.2.3. Pelantar Tidak Disiapkan Sepenuhnya/Sempurna

Jabatan Perikanan Negeri Sabah telah diberi peruntukan sejumlah RM5 juta pada tahun 2009 untuk membina 41 pelantar sebelum akhir tahun 2010 di kawasan perairan Sabah iaitu di Semporna, Kunak dan Lahad Datu. Pelantar ini adalah tempat bagi proses pengeringan dan penyimpanan rumpai laut. Semakan Audit mendapati 35 pelantar telah disiapkan manakala 6 lagi dalam proses sebut harga semula. Lawatan Audit ke 16 pelantar mendapati perkara seperti berikut:

a. Pembinaan Pelantar Tidak Berkualiti/Kurang Memuaskan

Kerja pembinaan yang dilaksanakan hendaklah memenuhi standard kualiti umum bagi menjamin keselamatan bangunan dan memastikan penggunaan secara optimum dapat dikekalkan secara berterusan. Pemeriksaan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam aspek pembinaan pelantar adalah seperti berikut:

i. Setiap pembinaan hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi yang telah dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Antaranya berkaitan dengan bilangan dan ukuran saiz tiang, bentuk dan kualitinya. Mengikut spesifikasi reka bentuk ruang bagi stor penyimpanan, tandas, bilik mandi dan tangki air hendaklah disokong dengan 32 batang tiang. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit di pelantar Perairan Kg. Pababag Utara mendapati ruangan tersebut hanya disokong dengan 27 batang tiang. Stor pelantar adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 16.11



Pelantar Di Kg. Pababag Utara, Semporna, Sabah - Bilangan Tiang Stor (3 Tiang) Tidak Mengikut Reka Bentuk (4 Tiang) (20.11.2011)

GAMBAR 16.12



Pelantar Di Kg. Pababag Utara, Semporna, Sabah - Stor Pelantar (20.11.2011)

ii. Reka bentuk sesuatu bangunan hendaklah dibuat oleh seseorang yang bertauliah yang memiliki kepakaran teknikal dalam bidang bangunan. Ia adalah

bagi memastikan kesemua item teknikal diambil kira dalam sesuatu reka bentuk bangunan bagi menjamin keselamatan bangunan. Pembinaan bangunan di atas dasar laut akan memerlukan kepakaran khusus khasnya dalam memastikan struktur bangunan sentiasa kukuh dengan mengambil kira persekitaran lautan. Semakan Audit mendapati kesemua pelantar telah direka bentuk oleh Penolong Pegawai Perikanan yang tidak mempunyai kepakaran dalam bidang reka bentuk dan tanpa menggunakan khidmat Jabatan Teknik (JKR)/Bahagian Kejuruteraan, Jabatan Perikanan Malaysia. Mengikut pegawai tersebut reka bentuk pelantar adalah berdasarkan reka bentuk asal dari perunding projek lama yang memiliki ciri reka bentuk yang seakan sama. Bagaimanapun tiada bukti menunjukkan reka bentuk tersebut adalah dari perunding yang bertauliah.

iii. Pemborong Wawasan Jaya dan Hikma Enterprise telah dilantik oleh Jabatan Perikanan Negeri Sabah untuk membina pelantar di Perairan Kg. Pababag Selatan dan Perairan Kg. Pababag Utara, Semporna dengan nilai RM298,402 dan RM271,000 masing-masingnya. Lawatan Audit pada 20 November 2011, mendapati lantai pelantar yang digunakan untuk menjemur rumpai laut berlubang, kayu lantai reput dan tidak sekata. Keadaan ini boleh menjejaskan keselamatan kepada pengguna pelantar. Keadaan lantai pelantar adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 16.13



Perairan Kg. Pababag Utara, Semporna
- Lantai Pelantar Berlubang
(20.11.2011)


GAMBAR 16.14



Perairan Kg. Pababag Utara, Semporna
- Lantai Pelantar Tidak Sekata
(20.11.2011)

Berdasarkan dokumen sebut harga, spesifikasi kayu lantai pelantar yang sepatutnya diguna adalah kayu jenis selangan batu. Bagaimanapun, hasil ujian oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) terhadap sampel kayu lantai yang diambil daripada pelantar di Perairan Kampung Pababag Utara, Semporna dan di Perairan Kampung Madai, Kunak mendapati kayu yang digunakan bukan jenis selangan batu tetapi jenis kledang, cengal dan medang. Sampel kayu yang diambil adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 16.15



Perairan Di Kg. Pababag Utara, Semporna, Sabah
- 2 Jenis Kayu Iaitu Kledang Dan Cengal
Diguna Di Sebuah Pelantar
(20.11.2011)

GAMBAR 16.16



Perairan Di Kg. Madai, Kunak, Sabah
- Kayu Jenis Medang
(20.11.2011)

iv. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati *gutter* di bahagian stor telah bocor dan menyebabkan air menitik akibat daripada kualiti pemasangan yang tidak memuaskan. Manakala pintu stor untuk menyimpan hasil rumpai laut dan peralatan berlubang dan tiada selak untuk mengunci pintu di pelantar Perairan Kg. Pababag Selatan, Semporna. Ini boleh menyebabkan kehilangan rumpai laut dan peralatan. Keadaan saluran palung dan pintu stor tersebut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 16.17



Perairan Kg. Pababag Selatan, Semporna, Sabah
- Gutter Bocor
(20.11.2011)

GAMBAR 16.18



Perairan Kg. Pababag Selatan, Semporna, Sabah
- Pintu Berlubang
(20.11.2011)



GAMBAR 16.19

Kg. Pababag Selatan, Semporna, Sabah
- Pintu Tidak Boleh Dikunci Kerana
Pemasangan Tidak Sempurna
(20.11.2011)

v. Mengikut spesifikasi, pelantar yang dibina mestilah bersaiz 40 kaki lebar dan 100 kaki panjang. Jabatan Perikanan Negeri Sabah telah melantik Husmah Jaya sebagai kontraktor untuk membina 2 unit pelantar di Perairan Kg. Madai yang bernilai RM364,430 setiap satu. Pemeriksaan Audit di Perairan Kg. Madai, Kunak (Pelantar 2) mendapati struktur asal pelantar telah diubah oleh kontraktor kepada 40 kaki panjang dan 100 kaki lebar menyebabkan kelebaran lantai pelantar melebihi panjangnya. Bagaimanapun, pembinaan stor tidak mengambil kira perubahan spesifikasi ini menyebabkan satu pertiga dari keluasan lantai pelantar terlindung daripada cahaya matahari. Oleh itu, ruang pengeringan rumpai laut berkurangan dan tempoh masa pengeringan meningkat. Selain itu, adalah didapati tiga perempat dari keluasan lantai telah dicat dengan warna biru. Mengikut spesifikasi, lantai ini tidak sepatutnya dicat kerana ia boleh mencemarkan hasil rumpai laut yang dikeringkan di atas lantai tersebut. Ruangan pancaran cahaya matahari adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 16.20



Pelantar Di Kg. Madai (Pelantar 2), Kunak
- 1/3 Kawasan Terlindung Cahaya Matahari
(20.11.2011)

GAMBAR 16.21



Pelantar Di Kg. Madai (Pelantar 1), Kunak
- Lantai Pelantar Dicat Warna Biru
(20.11.2011)



GAMBAR 16.22

Pelantar Di Kg. Madai (Pelantar 2), Kunak
- Rumpai Laut Dijemur Atas Pelantar Yang Bercat
(20.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 26 Jun 2012


Kerja yang dilaksanakan sememangnya mempunyai kelemahan dan sedang diambil tindakan seperti menahan kos tiang yang tidak dipasang daripada wang tahanan projek, membaiki gutter/pintu stor dan papan lantai. Bagi pembinaan pelantar pada masa depan, Jabatan melalui Bahagian Kejuruteraan telah menyediakan reka bentuk dan spesifikasi yang lebih jitu.

Pada pendapat Audit, adalah penting untuk mendapatkan khidmat pegawai yang bertauliah sebelum membina bangunan pelantar bagi memastikan bangunan tersebut kukuh bagi tempoh masa yang lama dan selamat diguna. Reka bentuk yang standard dan komprehensif sepatutnya disediakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia untuk digunakan sebagai asas bagi pembinaan pelantar seluruh Sabah serta negara. Ini adalah untuk memastikan kesemua keperluan teknikal yang standard diambil kira dan dapat mewujudkan keseragaman. Aspek ini adalah penting supaya penggunaan optimum dapat diterapkan dalam projek kerajaan.


16.5.3. Keselamatan Stor Tidak Memuaskan

Dalam Projek Pengkulturan Rumpai Laut secara mini estet, pihak UMS telah memperolehi beberapa jenis peralatan seperti baja rumpai laut dan tali *Eco-Friendly Tie-tie* (EFT) bernilai RM407,500 semenjak bulan Februari 2011. Lawatan Audit pada 18 November 2011 dan pemeriksaan terhadap Daftar Harta Modal Unit Penyelidikan Rumpai Laut, Yayasan UMS mendapati sebahagian stok peralatan tersebut ditempatkan di stor di Merotai, Tawau, Sabah. Pemeriksaan selanjutnya mendapati stor ini adalah tidak selamat kerana ia dibina dengan menggunakan *plywood,* kawasan sekeliling stor tidak berpagar dan pintu *plywood* stor dikunci dengan satu mangga kunci yang kecil. Ini boleh mengundang risiko kecurian. Tambahan lagi, semasa lawatan Audit tersebut, terdapat pembakaran secara terbuka di belakang stor. Keadaan ini boleh meningkatkan risiko api merebak ke stor dan ia boleh menjejaskan keselamatan stor serta peralatan yang disimpan di dalamnya. Stor yang terlibat adalah seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 16.23



GAMBAR 16.24



Stor Di Merotai, Tawau, Sabah

- Peralatan Yang Disimpan Dalam Stor (18.11.2011)

- Pembakaran Terbuka Di Belakang Stor (18.11.2011)

GAMBAR 16.25



GAMBAR 16.26



Stor Di Merotai, Tawau, Sabah

- Mangga Yang Digunakan Untuk Mengunci Stor (18.11.2011)

- Stor Yang Dibina Menggunakan Plywood (18.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 26 Jun 2012

Pihak Yayasan UMS memperakukan stor ini adalah milik pembekal di mana ia diguna untuk menyimpan barang-barang yang telah dibuat tempahan oleh UMS dan stok peralatan yang diperolehi sebenarnya disimpan di rumah teres 2 tingkat berkunci di Tawau, Sabah yang telah mula disewa sejak bulan Ogos 2011.

Pada pendapat Audit, Yayasan UMS perlu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua peralatan yang telah diperolehi sehingga ia diagihkan sepenuhnya. Selain itu, Yayasan UMS hendaklah membuat perancangan teliti untuk membina atau menyewa stor tetap yang lebih praktikal dan selamat sebelum memperoleh dan menempatkan stok peralatan projek bagi mengurangkan risiko kecurian serta dapat meningkatkan kawalan keselamatan.

16.5.4. Pemasaran Hasil Rumpai Laut

16.5.4.1. Harga Jualan Rendah

Setiap pengusaha rumpai laut akan memasarkan hasil pengeluaran rumpai laut dengan cara menjual hasil mereka kepada kilang di Sabah. Harga rumpai laut kepada pengilang adalah RM2.50 sekilogram pada tahun 2009, meningkat kepada RM3.00 sekilogram pada 2010 dan kekal sehingga kini. Melalui temu bual dengan pegawai Jabatan Perikanan Negeri Sabah, terdapat sebilangan pengusaha menjual hasil mereka kepada negara jiran dengan harga yang lebih tinggi. Ini boleh menyebabkan kerugian kepada negara melalui pengaliran hasil rumpai laut ke negara jiran seterusnya menjejaskan pencapaian *outcome* aktiviti ini.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 26 Jun 2012

Kegiatan menjual hasil jualan ke negara jiran merupakan satu tradisi kerana sebahagian besar pengkultur merupakan pendatang dari Negara Filipina; industri rumpai laut beroperasi dalam keadaan monopsoni (hanya 3 pengilang yang memanipulasi harga); penglibatan orang tengah dan penguatkuasaan yang lemah.

16.5.4.2. Jaminan Kualiti Hasil Rumpai Laut

Pihak Audit juga mendapati hasil rumpai laut yang dijual terus kepada pihak kilang tidak mempunyai jaminan kualiti di mana pengeluaran rumpai laut tidak melalui standard umum. Ini adalah kerana belum ada suatu standard kualiti rumpai laut yang bermutu tinggi yang ditetapkan dalam program ini.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 26 Jun 2012

Standard kualiti rumpai laut kering adalah dalam peringkat akhir penyediaan.

Pada pendapat Audit, Jabatan hendaklah mewujudkan satu kaedah pemasaran yang boleh menjamin pendapatan penternak rumpai laut dan ekonomi negara.

16.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan pengurusan pembangunan industri rumpai laut dapat dilaksanakan secara teratur dan cekap, adalah disyorkan supaya pihak Kementerian/Jabatan mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

16.6.1. Memastikan status pelaksanaan oleh agensi pelaksana dipertingkatkan agar *output/outcome* dapat dicapai seperti yang ditetapkan.

16.6.2. Bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual, setiap projek yang dilaksanakan hendaklah dirancang dengan teliti dengan mengambil kira keperluan pengguna.

16.6.3. Memastikan kontraktor membaiki sebarang kerosakan/kecacatan dengan segera.

16.6.4. Mengagihkan baki bot/sampan kepada pengusaha dengan secepat mungkin bagi mengelakkan pembaziran dan *value for money*.

16.6.5. Melaksanakan kajian penilaian impak bagi aktiviti ini bagi memastikan *outcome* dapat dicapai dengan komprehensif secara mapan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 115-121 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

17. PROGRAM PEMBANGUNAN TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN

17.1. LATAR BELAKANG

17.1.1. Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) telah mula diperkenalkan sejak tahun 2000 untuk meningkatkan pengeluaran makanan di dalam negara. TKPM juga merupakan satu strategi di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) untuk mentransformasikan sektor pertanian dengan menggalakkan pelaksanaan projek pertanian secara berskala besar, komersil dan berteknologi tinggi oleh usahawan termasuk sektor swasta. Sehingga tahun 2011, sebanyak 55 TKPM yang merangkumi kawasan seluas 7,631.90 hektar telah diwujudkan dengan bilangan peserta seramai 964 peserta. Kuantiti pengeluaran pada akhir tahun yang sama mencapai 58,504 tan metrik bernilai RM63.5 juta. Pembangunan TKPM melibatkan kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan peserta. Berdasarkan memorandum persefahaman yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan akan membiayai kos pembangunan infrastruktur sementara Kerajaan Negeri pula menyediakan kawasan tanah yang bersesuaian dan mewartakannya sebagai TKPM. Manakala usahawan pula terlibat dalam proses penanaman dan pengeluaran tanaman makanan.

17.1.2. Objektif program ini adalah untuk mewujudkan zon pengeluaran tanaman makanan kekal, melahirkan usahawan dalam bidang pengeluaran bahan makanan, meningkatkan penglibatan usahawan dan sektor swasta dalam pengeluaran tanaman makanan; membantu meningkatkan pengeluaran makanan negara yang mampan dan berkualiti; dan meningkatkan pendapatan bersih peserta kepada sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan.

17.1.3. Bagi mencapai objektif tersebut, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (Kementerian) telah merancang beberapa strategi seperti pembangunan yang berasaskan pendekatan pengezonan, berlandaskan pembangunan kluster industri tanaman makanan, berdasarkan *market driven* dan mewujudkan nilai rantaian makanan dalam kluster industri tanaman.

17.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada program pembangunan TKPM telah diuruskan dengan cekap dan berhemat selaras dengan objektif yang ditetapkan.

17.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap program pembangunan TKPM bagi tempoh tiga tahun iaitu tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan yang dijalankan meliputi Bahagian Hortikultur dan Bahagian Perancangan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi, Jabatan Pertanian Malaysia, Pejabat Pertanian Negeri, Pejabat Pertanian Daerah dan Ibu Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

17.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak kertas cadangan, fail, rekod dan dokumen berkaitan di Bahagian Hortikultur dan Bahagian Perancangan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi, Jabatan Pertanian Malaysia; Pejabat Pertanian Negeri Kelantan, Kedah, Pahang, Negeri Sembilan dan Selangor. Di samping itu, lawatan ke 22 tapak projek di 5 negeri telah diadakan.

Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat dan peserta serta pengesahan daripada pihak ketiga turut dijalankan.

17.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di antara bulan November 2011 hingga Januari 2012 mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan program TKPM adalah memuaskan kerana pengeluaran hasil telah meningkat setiap tahun. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

i. prestasi program bilangan TKPM yang dibangunkan belum mencapai sasaran;
ii. pewartaan tanah dan hak milik tanah belum dimuktamadkan;
iii. pengurusan perjanjian dengan peserta tidak teratur;
iv. pelaksanaan projek pembangunan tidak mengikut perancangan;
v. penggunaan kemudahan infrastruktur tidak memuaskan;
vi. sasaran pendapatan peserta tidak dicapai sepenuhnya; dan
vii. pengurusan rekod tidak teratur.

Penjelasan lanjut berhubung perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

17.5.1. Pencapaian Program Pembangunan TKPM

17.5.1.1. Bilangan TKPM Yang Dibangunkan

a. Sebanyak 55 daripada 60 TKPM yang dirancang telah dibangunkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan tahun pertama RMKe-10. Manakala 5 TKPM masih dalam peringkat kerja-kerja awalan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.1
PRESTASI PEMBANGUNAN TKPM DALAM TEMPOH RMKe-9

TAHUN	BILANGAN TERKUMPUL TKPM		BILANGAN TKPM YANG BELUM DIBANGUNKAN	CATATAN
	DIRANCANG	DIBANGUNKAN		
2006	43	43	-	-
2007	45	45	-	-
2008	50	47	-	-
2009	54	52	2	Dalam peringkat kerja-kerja awalan
2010	60	55	5	Dalam peringkat kerja-kerja awalan
2011	TM	55	TM	-

Nota: TM - Tiada Maklumat

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Sehingga 21 Jun 2012, baki 5 TKPM telah dan sedang dibangunkan.

b. Sehingga akhir tahun 2011, didapati TKPM Lojing II, Gua Musang, Kelantan masih belum dibuka untuk penanaman walaupun TKPM tersebut mula dicadangkan pada tahun 2008. Pihak Audit dimaklumkan bahawa proses kerja-kerja Kajian Penilaian Alam Sekitar (EIA) hanya disiapkan pada 28 Disember 2010.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Kelewatan pembangunan kawasan TKPM tersebut adalah disebabkan oleh kelewatan pelaksanaan prosedur pembangunan tanah tinggi dan juga kajian kesesuaian tanah serta pembinaan jalan masuk.

17.5.1.2. Prestasi Kewangan

Bagi tahun 2009 hingga 2011, sejumlah RM99.86 juta telah dibelanjakan daripada peruntukan keseluruhan berjumlah RM103.78 juta untuk program TKPM. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM TKPM

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
2009	35.18	31.42	89.3
2010	34.00	33.97	99.9
2011	34.60	34.47	99.6
JUMLAH	**103.78**	**99.86**	**96.2**

17.5.1.3. Prestasi Pengeluaran Projek

Semakan Audit bagi tahun 2009 hingga 2011 mendapati secara keseluruhannya, pengeluaran hasil bagi TKPM telah meningkat. Pertambahan bilangan TKPM, luas kawasan dibangunkan dan bilangan peserta merupakan faktor yang menyumbang kepada peningkatan pengeluaran ini. Butiran pengeluaran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.3
PRESTASI PENGELUARAN PROGRAM TKPM

TAHUN	BIL. TKPM	LUAS DIBANGUNKAN (Hektar)	BIL. PESERTA	PENGELUARAN (mt)	NILAI PENGELUARAN (RM)	PERATUS PENINGKATAN (%)
2009	52	7,490.95	889	49,717	52,443,210	-
2010	55	7,504.82	949	51,445	53,921,233	2.8
2011	55	7,631.90	964	58,504	63,545,916	17.8
JUMLAH				**159,666**	**169,910,359**	

17.5.1.4. Pendapatan Peserta Tidak Mencapai Sasaran Yang Ditetapkan

a. Antara objektif pembangunan TKPM adalah untuk meningkatkan pendapatan bersih peserta sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan. Semakan terhadap laporan kemajuan projek TKPM mendapati sasaran pendapatan bersih peserta yang ditetapkan masih belum dicapai bagi 147 (57.7%) daripada 255 jumlah peserta yang telah mengeluarkan hasil untuk tahun 2011. Selain itu, seramai 103 (28.8%) daripada 358 jumlah peserta masih belum memperoleh hasil. Butiran pencapaian pendapatan peserta adalah seperti berikut:

JADUAL 17.4
PENCAPAIAN PENDAPATAN PESERTA BAGI TAHUN 2011

TKPM	BIL. PESERTA MENGIKUT JURANG PENDAPATAN SEBULAN (RM)					BIL. PESERTA			PESERTA TIDAK MENCAPAI SASARAN PENDAPATAN RM3,000 SEBULAN	
	> 3,000	2,999 - 2,000	1,999 - 1,000	999 - 500	< 500	BELUM BERHASIL	TELAH BERHASIL	KESELURUHAN	BIL.	(%)
Lojing, Gua Musang, Kelantan	5	-	1	-	1	4	7	11	2	28.6
Batang Merbau, Tanah Merah, Kelantan	1	-	1	3	1	-	6	6	5	83.3
Telong, Bachok, Kelantan	-	-	2	-	-	2	2	4	2	100.0

TKPM	BIL. PESERTA MENGIKUT JURANG PENDAPATAN SEBULAN (RM)					BIL. PESERTA			PESERTA TIDAK MENCAPAI SASARAN PENDAPATAN RM3,000 SEBULAN	
	> 3,000	2,999 - 2,000	1,999 - 1,000	999 - 500	< 500	BELUM BERHASIL	TELAH BERHASIL	KESELURUHAN	BIL.	(%)
Bukit Perak, Pendang, Kedah	3	-	-	1	1	2	5	7	2	40.0
Gajah Mati, Kota Star, Kedah	7	3	3	-	2	6	15	21	8	53.3
Bkt. Changgang, Kuala Langat, Selangor	4	2	3	-	-	5	9	14	5	55.6
Sg. Kelambu, Kuala Langat, Selangor	11	3	2	2	1	-	19	19	8	42.1
Serdang, Selangor	-	-	2	1	4	3	7	10	7	100.0
Kundang, Kuala Langat, Selangor	2	5	13	11	10	-	41	41	39	95.1
Hulu Yam, Hulu Selangor, Selangor	34	2	-	-	-	-	36	36	2	5.6
Air Baning, Jelebu, Negeri Sembilan	6	3	1	1	2	-	13	13	7	53.9
Gemas, Tampin, Negeri Sembilan	4	2	4	-	2	6	12	18	8	66.7
Kg. Bemban, Jelebu, Negeri Sembilan	10	1	3	1	1	2	16	18	6	37.5
Air Kering, Jempol, Negeri Sembilan	2	1	-	2	3	-	8	8	6	75.0
Serengkam, Maran, Pahang	-	-	-	-	2	8	2	10	2	100.0
Tebing Tinggi, Bera, Pahang	2	-	2	1	3	5	8	13	6	75.0
Lanchang, Temerloh, Pahang	11	3	5	5	6	56	30	86	19	63.3
Jelai, Kuala Lipis, Pahang	-	-	4	3	-	1	7	8	7	100.0
PLP Inderapura, Kuantan, Pahang	-	-	4	2	-	2	6	8	6	100.0
Permatang Lawang, Kuantan, Pahang	6	-	-	-	-	1	6	7	-	-
JUMLAH	**108**	**25**	**50**	**33**	**39**	**103**	**255**	**358**	**147**	**57.7**

Sumber: ***Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani***

b. Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, didapati 32 (47.1%) daripada 68 peserta masih belum mencapai sasaran pendapatan yang ditetapkan. Butiran terperinci soal selidik adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.5
PENCAPAIAN PENDAPATAN PESERTA YANG DITEMU BUAL

TKPM	BILANGAN PESERTA		PERATUS (%)
	DITEMU BUAL	TIDAK MENCAPAI SASARAN PENDAPATAN	
Lojing, Gua Musang, Kelantan	2	-	-
Telong, Bachok, Kelantan	3	3	100.0
Batang Merbau, Tanah Merah, Kelantan	4	-	-
Bukit Perak, Pendang, Kedah	3	-	-
Gajah Mati, Kota Setar, Kedah	15	5	33.3
Kundang, Kuala Langat, Selangor	4	3	75.0
Bkt. Changgang, Kuala Langat, Selangor	2	1	50.0
Serdang, Selangor	4	4	100.0
Gemas, Tampin, Negeri Sembilan	1	1	100.0
Air Baning, Jelebu, Negeri Sembilan	2	-	-
Air Kering, Jempol, Negeri Sembilan	5	-	-
Kg. Bemban, Jelebu, Negeri Sembilan	1	-	-
Serengkam, Maran, Pahang	2	2	100.0

TKPM	BILANGAN PESERTA		PERATUS (%)
	DITEMU BUAL	TIDAK MENCAPAI SASARAN PENDAPATAN	
Tebing Tinggi, Bera, Pahang	4	3	75.0
Lanchang, Temerloh, Pahang	1	1	100.0
Jelai, Kuala Lipis, Pahang	5	5	100.0
PLP Inderapura, Kuantan, Pahang	5	3	60.0
Permatang Lawang, Kuantan, Pahang	6	1	16.7
JUMLAH	**69**	**32**	**46.4**

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Seramai 147 peserta tidak mencapai pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan dan seramai 103 peserta masih belum mengeluarkan hasil kerana sesetengah peserta tersebut merupakan peserta baru dan juga merupakan peserta yang menanam tanaman buah-buahan yang masih di peringkat awal pengeluaran hasil.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu merancang dengan lebih teliti bagi menyiapkan TKPM yang masih belum dibangunkan sepenuhnya. Selain itu, pihak Kementerian hendaklah menilai semula mekanisme yang sedia ada untuk memastikan objektif meningkatkan pendapatan peserta kepada RM3,000 dapat dicapai sepenuhnya.

17.5.2. Pewartaan, Status Dan Hak Milik Tanah Belum Dimuktamadkan

17.5.2.1. Pewartaan Tanah Belum Dimuktamadkan

Memorandum persefahaman yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri antaranya menggariskan supaya Kerajaan Negeri menyediakan tanah yang bersesuaian dan mewartakannya untuk dijadikan TKPM. Semakan Audit mendapati beberapa perkara seperti berikut:

a. Sehingga Disember 2011, bagi kelima-lima negeri yang dilawati, 10 daripada 39 projek telah diwartakan sebagai TKPM. Manakala 21 projek masih dalam proses pewartaan dan 8 projek lagi tidak perlu diwartakan kerana status tanah tersebut adalah Tanah Pusat Pertanian Negeri dan juga tanah hak milik Kerajaan Persekutuan. Status pewartaan projek TKPM adalah seperti jadual di bawah:

JADUAL 17.6
STATUS PEWARTAAN PROJEK TKPM

NEGERI	BIL. TKPM	STATUS PEWARTAAN (BIL. TKPM)			CATATAN
		TELAH DIWARTA	DALAM PROSES WARTA	TIDAK PERLU WARTA	
Kedah	2	-	-	2	Tanah Pusat Pertanian Negeri
Kelantan	4	1	1	2	Tanah Pusat Pertanian Negeri
Negeri Sembilan	5	3	1	1	Tanah Pusat Pertanian Negeri
Pahang	17	2	14	1	Tanah Pusat Pertanian Negeri
Selangor	11	4	5	2	Tanah Persekutuan
JUMLAH	**39**	**10**	**21**	**8**	

b. Pewartaan tanah di TKPM Sg. Kelambu, Kuala Langat, Selangor ditolak oleh Pejabat Daerah Tanah Kuala Langat pada 20 November 2011 walaupun kebenaran

untuk memasuki kawasan tersebut telah diperolehi dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor pada 18 September 2002.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Pewartaan tanah ditolak kerana terdapat sebahagian dari kawasan TKPM ini termasuk dalam Rizab Hutan Simpan Kuala Langat Selatan. Sehubungan itu, Jabatan Pertanian telah menghantar dokumen berkaitan TKPM ini kepada Pentadbir Tanah Kuala Langat pada 20 Januari 2012 untuk tindakan mengeluarkan kawasan seluas 80 hektar dari Rizab Hutan untuk dijadikan TKPM.

c. Pada 11 Julai 1997 Pejabat Daerah Tanah Kuala Selangor memaklumkan bahawa tindakan pewartaan sedang diambil dan kebenaran telah diberi untuk memulakan kerja-kerja asas projek TKPM Bistari Jaya, Kuala Selangor, Selangor. Bagaimanapun, pada 10 Ogos 2010 Pejabat Daerah Tanah Kuala Selangor memaklumkan pewartaan tidak dapat diteruskan kerana tanah tersebut telah diberi hak milik kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) iaitu anak syarikat kerajaan Negeri Selangor.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah memohon kepada Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) untuk mengecualikan kawasan TKPM seluas 141.6 hektar supaya diberi hak kepada KDEB pada 21 Februari 2012 tetapi ditolak oleh MTES. Pada 3 April 2012, Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah bermesyuarat dengan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad iaitu anak syarikat KDEB untuk mewujudkan mekanisme menjadikan tapak berkenaan sebagai TKPM mengikut kaedah pelaksanaan TKPM Hulu Yam, Hulu Selangor, Selangor.

17.5.2.2. Status Dan Hak Milik Tanah Belum Dimuktamadkan

Bagi memastikan TKPM dapat dilaksanakan dengan lancar dan memberi manfaat kepada kumpulan sasaran, Kementerian perlu memastikan kawasan yang diusahakan adalah dikhaskan atau dizonkan untuk tujuan pertanian bagi mengelakkan pertikaian pada masa akan datang. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati beberapa isu berkaitan status dan hak milik tanah seperti berikut:

a. Tanah TKPM Hulu Yam, Hulu Selangor, Selangor merupakan hak milik Permodalan Negeri Selangor Berhad iaitu anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Bagaimanapun tanah ini masih dikategorikan sebagai kegunaan untuk membina bangunan walaupun kawasan tersebut telah dibangunkan untuk penanaman.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Majlis Daerah Hulu Selangor telah menetapkan kawasan TKPM ini sebagai kawasan pertanian dalam Pelan Struktur Pembangunan Daerah Hulu Selangor. Selain itu, satu mesyuarat diadakan pada 14 Jun 2012 bagi mengenal pasti tindakan susulan untuk mengekalkan tanah tersebut sebagai TKPM dan dengan itu satu kertas cadangan untuk pertimbangan Jawatankuasa Dasar Kementerian sedang disediakan.

b. Status tanah TKPM Gajah Mati, Kota Setar, Kedah masih belum dikenal pasti sama ada dapat digunakan untuk pembangunan TKPM atau perlu berpindah ke kawasan yang baru memandangkan Kerajaan Negeri akan mengambil balik tanah tersebut bagi tujuan pembangunan Bandar Baru Tunku Puteri. Sehubungan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Kedah telah meluluskan permohonan kawasan Mukim Temin, Daerah Kubang Pasu, Kedah sebagai kawasan gantian pada 13 Julai 2005. Bagaimanapun pada tahun 2006 MMK telah meluluskan kawasan tersebut kepada Menteri Besar Incorporated untuk dimajukan. Oleh itu, Jabatan Pertanian tidak dapat meneruskan projek pembangunan TKPM di Mukim Temin, Daerah Kubang Pasu. Pembangunan di TKPM Gajah Mati, Kota Setar, Kedah juga tidak dapat diteruskan kerana Kerajaan Negeri masih belum memberi keputusan muktamad terhadap status kawasan TKPM tersebut. Sehubungan itu, perjanjian peserta TKPM Gajah Mati, Kota Setar, Kedah tidak dapat diperbaharui walaupun perjanjian sedia ada telah tamat tempoh pada 29 Oktober 2009.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Jabatan Pertanian telah mengemuka surat dan masih menunggu dari Penasihat Undang-undang Negeri Kedah untuk mendapatkan pandangan status terkini TKPM Gajah Mati.

17.5.2.3. Pembangunan Kawasan Tidak Mengikut Perancangan Asal

Perancangan yang teliti perlu dijalankan sebelum sesuatu pembangunan dijalankan bagi memastikan objektif pelaksanaan dapat dicapai dan mengelakkan kerugian kepada Kerajaan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Lawatan Audit ke tapak projek TKPM Telong, Bachok, Kelantan mendapati sebahagian tanahnya telah digunakan untuk pembinaan Kilang Kenaf Polimer Komposit (KPC). Ini menyebabkan kawasan yang boleh diusahakan untuk penanaman telah berkurangan.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Pada tahun 2009, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri Kelantan telah meluluskan kawasan seluas 4 hektar daripada 41.17 hektar keluasan kawasan TKPM sebagai tapak kilang KPC. Urusan pembinaan kilang dan keperluan peruntukan diuruskan oleh Pentadbir Tanah Jajahan Bachok dengan Pegawai Kewangan Negeri dan peruntukan untuk membina kilang tersebut adalah daripada peruntukan Wilayah Ekonomi Koridor Pantai Timur (ECER). **Gambar yang berkaitan adalah seperti berikut:**

GAMBAR 17.1



GAMBAR 17.2



TKPM Telong, Bachok, Kelantan
- Kilang Kenaf Polimer Komposit Yang Dibina Di Sebahagian Tanah TKPM
(21.11.2011)

b. Kerja-kerja ukur, membina pagar, jalan masuk utama dan jalan ladang serta pembinaan parit dengan kos berjumlah RM600,000 telah dilaksanakan di Mukim Temin, Daerah Kubang Pasu, Kedah untuk dijadikan sebagai TKPM Bukit Tangga, Kubang Pasu, Kedah. Bagaimanapun, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah telah meluluskan kawasan tersebut kepada Menteri Besar Incorporated untuk dimajukan menyebabkan perancangan untuk membangunkan TKPM Bukit Tangga, Kubang Pasu, Kedah tidak dapat diteruskan. Gambar berikut menunjukkan infrastruktur yang telah dibangunkan:

GAMBAR 17.3



Mukim Temin, Daerah Kubang Pasu, Kedah - Pagar Yang Telah Dibina (05.12.2011)

GAMBAR 17.4



Mukim Temin, Daerah Kubang Pasu, Kedah - Parit Yang Telah Dibina Dipenuhi Semak (05.12.2011)

GAMBAR 17.5



Mukim Temin, Daerah Kubang Pasu, Kedah - Parit Yang Telah Dibina (05.12.2011)

GAMBAR 17.6



Mukim Temin, Daerah Kubang Pasu, Kedah - Parit Yang Telah Dibina (05.12.2011)

Pada pendapat Audit, Kementerian bagi pihak Kerajaan Persekutuan bersama Kerajaan Negeri perlu mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan status dan hak milik tanah yang timbul bagi memastikan peserta dapat menjalankan aktiviti penanaman dengan lancar dan berterusan. Selain itu, perancangan yang teliti perlu dijalankan dengan mengambil kira pelbagai aspek pembangunan terutama dari aspek hak milik tanah bagi mengelakkan perubahan skop pembangunan di peringkat pelaksanaan.

17.5.3. Perjanjian Peserta Tidak Teratur

Bagi memastikan objektif TKPM dapat dicapai seperti yang telah dirancang dan mengelakkan kerugian kepada Kerajaan, peserta dikehendaki menandatangani perjanjian pelaksanaan dengan Kerajaan untuk menjalankan penanaman di kawasan TKPM. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

17.5.3.1. Tiada Perjanjian Di Antara Peserta Dan Kerajaan

a. Seramai 38 peserta bagi syarikat swasta di TKPM Lanchang, Temerloh, Pahang tidak menandatangani perjanjian dengan Jabatan Pertanian Negeri Pahang (JPNP). Perjanjian hanya ditandatangani di antara peserta dan pemilik tanah kawasan berkenaan iaitu Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Peserta di TKPM ini telah menandatangani perjanjian dengan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang dan tidak melibatkan JPNP. Bagaimanapun, terdapat klausa yang merujuk kepada pematuhan semua syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Teknikal dan agensi di bawah Kementerian.

b. Seramai 34 peserta di TKPM Hulu Yam, Hulu Selangor, Selangor tidak menandatangani perjanjian dengan Jabatan Pertanian Negeri Selangor (JPNS). Perjanjian hanya ditandatangani di antara peserta dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) selaku pemilik tanah kawasan TKPM tersebut.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Jabatan Pertanian berperanan sebagai jabatan yang menyelia dan memberi khidmat nasihat teknikal pertanian kepada peserta serta menjalankan pemantauan dan penilaian projek dari semasa ke semasa. Selain itu, Jabatan Pertanian juga turut memberikan syor kepada PNSB mengenai pengambilan dan penamatan peserta di TKPM ini.

17.5.3.2. Perjanjian Peserta Belum Ditandatangani

Perjanjian bagi 4 orang peserta di TKPM Serdang, Selangor dan Inderapura, Kuantan, Pahang masih belum ditandatangani sehingga tarikh pengauditan dijalankan kerana kadar sewa struktur pelindung hujan masih dalam proses penilaian oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Perjanjian bagi peserta di TKPM Serdang, Selangor dan Inderapura, Kuantan, Pahang masih belum ditandatangani kerana dokumen perjanjian masih dalam semakan oleh Penasihat Undang-undang Kementerian.

17.5.3.3. Tiada Perjanjian Dengan *Anchor Company*

a. Dua syarikat telah ditawarkan menjadi *Anchor Company* di TKPM Gemas, Tampin, Negeri Sembilan. Antara syarat-syarat menjadi *Anchor Company* ialah:

   i. Perlu memainkan peranan aktif untuk menggerakkan pembangunan sesuatu komoditi atau bidang usaha yang dikenal pasti terutamanya di dalam zon kluster industri tanaman yang dipilih.

   ii. Perlu bertindak sebagai payung pengusaha kecil di kawasan kluster atau sekitarnya melalui sistem perladangan kontrak untuk membantu dalam pengeluaran dan pemasaran hasil yang dikeluarkan supaya mereka memperoleh pendapatan yang stabil.

iii. Hendaklah bersedia membimbing dan menyalurkan maklumat dan membantu menyediakan pakej modal pusingan kepada penanam-penanam kontraknya dalam aspek keperluan pasaran.

b. Semakan Audit mendapati syarikat-syarikat berkenaan hanya menandatangani perjanjian sebagai peserta sahaja. Perjanjian tersebut tidak memperincikan terma dan syarat serta fungsi syarikat tersebut sebagai *Anchor Company*. Ini akan menyebabkan Kerajaan tidak dapat mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya syarikat tersebut tidak menjalankan tanggungjawabnya.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Pelantikan sesebuah syarikat Anchor Company hanyalah secara pentadbiran dan tidak memerlukan sebarang perjanjian untuk ditandatangani kerana surat tawaran kepada Anchor Company telah memperincikan terma dan syarat serta fungsi syarikat tersebut sebagai Anchor Company.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan syarikat yang dilantik sebagai *Anchor Company* menandatangani perjanjian yang memperincikan terma dan syarat serta fungsi syarikat tersebut dengan jelas. Kementerian juga perlu memastikan syarikat tersebut menjalankan tanggungjawab yang diberikan supaya objektif TKPM dapat dicapai dengan berkesan.

17.5.4. Projek Tidak Mengikut Skop Perancangan Dan Tidak Lagi Diusahakan

17.5.4.1. Berdasarkan Pelan Perniagaan bagi TKPM Lojing I, Gua Musang, Kelantan, projek yang dicadangkan bagi TKPM ini adalah projek sayur-sayuran tanah tinggi seperti tomato, cili, kacang buncis, kubis, jagung dan salad. Bagaimanapun didapati sejumlah RM64,719 telah dibelanjakan bagi tujuan penanaman projek cendawan di TKPM tersebut. Semasa lawatan Audit dijalankan pada 22 November 2011, projek ini tidak lagi diusahakan kerana peserta telah menarik diri dan kawasan ini telah terbiar dan semak.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Jabatan Pertanian Negeri Kelantan telah memohon peruntukan untuk mengubah suai bangsal cendawan tersebut kepada struktur pelindung hujan dan dalam proses penyediaan spesifikasi untuk pengubahsuaian.

GAMBAR 17.7



GAMBAR 17.8



TKPM Lojing, Gua Musang, Kelantan
- Bangunan Bagi Projek Tanaman Cendawan Tidak Digunakan Lagi
(22.11.2011)

17.5.4.2. Satu perjanjian telah ditandatangani pada 18 Januari 2010 di antara peserta dengan Jabatan Pertanian Negeri Sembilan untuk tempoh selama 5 tahun bagi mengusahakan projek *vermikompos* di TKPM Gemas, Tampin, Negeri Sembilan. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 11 Januari 2012 (selepas 2 tahun) mendapati projek *vermikompos* tersebut tidak lagi diusahakan. Menurut peserta yang ditemu bual, kegagalan untuk meneruskan projek ini adalah disebabkan oleh kekurangan pekerja.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Pejabat Pertanian Daerah Gemas telah mengeluarkan surat peringatan secara bertulis kepada peserta agar mengambil perhatian terhadap projek berkenaan dan meneruskan aktiviti pengeluaran bagi tujuan pemulihan tanah di kawasan projek berkenaan untuk semua peserta.

Pada pendapat Audit, pihak Kementerian perlu memastikan projek yang dilaksanakan adalah selaras dengan pelan perniagaan serta memantau pelaksanaannya supaya prestasi peserta adalah selaras dengan sasaran dan objektif program TKPM.

17.5.5. Sifat Tanah Kurang Sesuai Untuk Penanaman

Berdasarkan kajian tanah yang dijalankan oleh Bahagian Pengurusan Dan Pemuliharaan Sumber Tanah, Jabatan Pertanian Negeri Kelantan pada 7 Mac 2003, tanah di TKPM Telong, Bachok, Kelantan merupakan tanah jenis rudua, rhu tapai dan rusila. Antara sifat tanahnya ialah tanah berpasir kasar dan berstruktur butir tunggal. Tanah jenis ini mempunyai keupayaan pegangan air yang rendah serta kadar larut resap yang tinggi. Sejumlah RM941,070 telah dibelanjakan untuk pembangunan TKPM ini sejak ia dibangunkan sehingga tahun 2011. Tanaman yang ditanam adalah buah naga dan sayur-sayuran. Namun, peserta hanya boleh mengusahakan tanah ini setahun sekali iaitu pada musim penanaman utama sahaja kerana kawasan tersebut akan banjir apabila musim hujan.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Jabatan Pertanian Negeri Kelantan telah menambah baik sistem perparitan, memperbaiki mutu tanah dengan menggunakan baja organik dan menjalankan penanaman secara fertigasi sama ada secara terbuka ataupun menggunakan struktur pelindung hujan.

Pada pendapat Audit, skop dan kaedah penanaman perlu dikaji semula supaya bersesuaian dengan jenis tanah di kawasan ini dan perlu meningkatkan kesuburan tanah supaya peserta dapat bertani sepanjang tahun dan Kerajaan mendapat *value for money* di atas kos pembangunan yang telah dibelanjakan.

17.5.6. Penggunaan Infrastruktur/Aset Tidak Memuaskan

17.5.6.1. Infrastruktur/Aset Tidak Digunakan Sepenuhnya

a. Sejumlah RM429,760 telah dibelanjakan bagi kerja pemasangan paip di Selangor Vegepark untuk kegunaan peserta di TKPM Hulu Yam, Hulu Selangor, Selangor. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan pada 29 Disember 2011, paip air tersebut tidak digunakan kerana masalah penamaan pemilik bil air (pendeposit) masih belum diselesaikan.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Penamaan pemilik bil air telah dipersetujui atas nama Setiausaha Jawatankuasa Peserta TKPM Hulu Yam. Bagaimanapun pemasangan meter utama masih belum dijalankan kerana wang deposit masih belum dibayar kepada Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS).



GAMBAR 17.9

TKPM Hulu Yam, Hulu Selangor, Selangor
- Paip Air Tidak Digunakan
(17.01.2012)

b. Pemasangan 8 unit tangki air yang bernilai RM125,898 telah dijalankan di TKPM Inderapura, Kuantan, Pahang. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan pada 17 Januari 2012 mendapati tangki air tersebut tidak digunakan. Fungsi tangki air tersebut adalah untuk menyimpan sumber air bawah tanah bagi kegunaan peserta TKPM. Pihak Audit dimaklumkan oleh Pegawai Pertanian bahawa sumber air bawah tanah di kawasan tersebut mempunyai kadar asid yang tinggi menyebabkan air tersebut tidak sesuai digunakan untuk penanaman.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Sejak bulan Mac 2012, semua peserta telah menggunakan tangki air tersebut melalui sistem rawatan air yang telah dibina oleh pihak Universiti Malaysia Pahang dengan kos RM197,000 bagi mengurangkan kandungan ferum di dalam air.



GAMBAR 17.10

TKPM Inderapura, Kuantan, Pahang
- Tangki Air Yang Tidak Digunakan
(17.01.2012)

c. Lawatan ke tapak projek di TKPM Lanchang, Temerloh, Pahang pada 18 Januari 2012 mendapati 9 unit stor yang bernilai RM152,438 tidak digunakan secara optimum. Selain itu, tandas di stor tersebut dan juga di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) tidak dapat diguna kerana tiada bekalan air.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Proses penyambungan bekalan air sedang dijalankan oleh peserta.



GAMBAR 17.11

TKPM Lanchang, Temerloh, Pahang
- Stor Tidak Digunakan
(18.01.2012)

d. Lawatan Audit pada 19 Januari 2012 mendapati, sebanyak 5 unit stor bagi Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) bernilai RM89,869 di TKPM Tebing Tinggi, Bera, Pahang yang disiapkan pada 21 Oktober 2011 masih belum digunakan. Selain itu, tandas di stor tersebut tidak dapat digunakan kerana ketiadaan bekalan air.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Stor tersebut telah mula digunakan dan peserta telah mengambil inisiatif untuk menadah air hujan untuk kegunaan tandas.

e. Lawatan ke TKPM Serengkam, Maran, Pahang pada 19 Januari 2012 mendapati stor SALM yang bernilai RM21,200 tidak digunakan kerana peserta tersebut menggunakan satu unit stor lain di TKPM Serengkam Fasa 2, Maran, Pahang.

GAMBAR 17.12



GAMBAR 17.13



TKPM Serengkam, Maran, Pahang
- Stor SLAM Tidak Digunakan
(19.01.2012)

f. Stor SALM di TKPM Lojing I, Gua Musang, Kelantan telah digunakan sebagai tempat kediaman dan juga tempat untuk memasak bagi pekerja yang menjalankan kerja-kerja pembinaan infrastruktur di kawasan yang berhampiran semasa lawatan Audit pada 22 November 2011.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Pekerja bagi pembinaan kolam telah menggunakan stor tersebut bagi menjaga peralatan pembinaan. Bagaimanapun, amaran telah dikeluarkan pada 25 November 2011 supaya pekerja terbabit mengosongkan stor tersebut.

GAMBAR 17.14



GAMBAR 17.15



TKPM Lojing I, Gua Musang, Kelantan
- Stor Dijadikan Tempat Penginapan Pekerja Dan Tempat Memasak
(22.11.2011)

g. Semasa lawatan Audit dijalankan pada 18 dan 19 Januari 2012 di TKPM Jelai, Kuala Lipis dan Serengkam, Maran, Pahang didapati peserta menggunakan stor SALM sebagai tempat untuk berehat dan memasak dan bukannya sebagai tempat simpanan baja dan racun.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Stor tersebut telah mula digunakan sepenuhnya untuk penyimpanan baja dan racun, dan peserta telah diingatkan agar menyediakan kemudahan rumah pekerja di kawasan yang bersesuaian.

GAMBAR 17.16



GAMBAR 17.17



TKPM Jelai, Kuala Lipis, Pahang
- Stor Dijadikan Tempat Berehat Dan Tempat Memasak
(18.02.2012)

GAMBAR 17.18



GAMBAR 17.19



TKPM Serengkam, Maran, Pahang
- Stor Dijadikan Tempat Berehat Dan Tempat Memasak
(19.02.2012)

17.5.6.2. Infrastruktur Tidak Disenggara Dengan Memuaskan

Infrastruktur/aset yang telah dibina/dibeli hendaklah disenggara dengan baik bagi memaksimumkan penggunaannya dan memberi manfaat kepada kumpulan sasaran. Lawatan Audit ke TKPM Permatang Lawang, Kuantan, Pahang pada 17 Januari 2012 mendapati rumah semaian bernilai RM19,740 telah rosak kerana telah lama tidak digunakan. Selain itu, rumah semaian tersebut juga dipenuhi semak.

Maklum Balas Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diterima Pada 21 Jun 2012

Rumah semaian telah dibersihkan dan dalam proses pembaikan untuk digunakan semula.

GAMBAR 17.20



TKPM Permatang Lawang, Kuantan, Pahang - Rumah Semaian Rosak (17.01.2012)

GAMBAR 17.21



TKPM Permatang Lawang, Kuantan, Pahang - Bahagian Dalam Rumah Semaian Dipenuhi Semak (17.01.2012)

Pada pendapat Audit, perancangan yang teliti perlu diadakan dengan mengambil kira keperluan peserta sebelum pembinaan/perolehan sesuatu infrastruktur/aset disediakan bagi memastikan peserta dapat menggunakan kemudahan infrastruktur/ aset tersebut dengan optimum serta mengelakkan kerugian kepada Kerajaan. Pihak Kementerian dan Jabatan juga hendaklah mengambil tindakan untuk memastikan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dibuat.

17.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif TKPM untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara yang mapan dan berkualiti di samping meningkatkan pendapatan golongan petani, adalah disyorkan supaya tindakan seperti berikut diambil:

17.6.1. Kementerian hendaklah mengkaji pencapaian setiap TKPM dari segi *output* dan *outcome* secara berkala dan berterusan.

17.6.2. Memantau prestasi pengeluaran dengan lebih berkesan.

17.6.3. Kementerian dan Kerajaan Negeri perlu mengambil tindakan segera untuk memuktamadkan status dan hak milik tanah bagi memastikan peserta dapat menjalankan aktiviti penanaman dengan lancar.

17.6.4. Perjanjian pelaksanaan di antara peserta dan Kerajaan perlu ditandatangani dengan lengkap dan Kementerian hendaklah memantau pematuhan terma dan syarat perjanjian oleh peserta.

17.6.5. Kementerian perlu memastikan syarikat yang dilantik sebagai *Anchor Company* menandatangani perjanjian dengan Kerajaan dan melaksanakan terma dan syarat yang ditandatangani supaya objektif TKPM dicapai secara berkesan.

17.6.6. Kementerian perlu memastikan projek yang dilaksanakan adalah selaras dengan pelan bisnes serta memantau pelaksanaannya supaya prestasi peserta adalah selaras dengan sasaran dan objektif pelaksanaan TKPM.

17.6.7. Kementerian hendaklah merancang dan mengambil kira keperluan peserta sebelum membina/membeli sesuatu infrastruktur/aset.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 122-129
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

18. PROJEK AGROPOLITAN DI BAWAH PROGRAM LONJAKAN MEGA LUAR BANDAR

18.1. LATAR BELAKANG

18.1.1. Program Lonjakan Mega Luar Bandar (PLMLB) merupakan program bersepadu dan komprehensif di bawah Rancangan Malaysia Ke-sembilan (RMKe-9) dan disambung pelaksanaannya dalam RMKe-10. Program ini mempunyai matlamat serampang 2 mata iaitu bagi menghapuskan kemiskinan tegar di luar bandar melalui peningkatan pendapatan dan mengeluarkan mereka terus daripada Paras Garis Kemiskinan (PGK) di samping mempercepatkan pembangunan di kawasan mundur, terpencil dan terbiar. Bagi mencapai matlamat PLMLB, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah melaksanakan Projek Agropolitan dengan sasaran berikut:

- Mengeluarkan peserta Projek Agropolitan daripada PGK semasa;
- Meningkatkan purata pendapatan peserta Projek Agropolitan dari RM300 kepada RM1,800 sebulan melalui pemberian dividen dan upah bekerja di ladang;
- Mewujudkan ekonomi mapan dan terancang;
- Meningkatkan liputan dan kualiti prasarana asas, utiliti, ameniti dan kemudahan sosial; dan
- Meningkatkan kesejahteraan hidup melalui penyediaan kawasan petempatan yang lengkap dengan kemudahan moden.

18.1.2. Projek Agropolitan mempunyai 3 komponen utama iaitu:

- Ekonomi - pembangunan Ladang Sejahtera (Getah/Sawit) Dan Ladang Komersial (Tanaman Jangka Pendek);
- Fizikal - pembinaan rumah, jalan raya, bekalan air dan elektrik; dan
- Modal insan - pelaksanaan kursus keusahawanan, latihan dan kemahiran serta kursus perubahan minda.

18.1.3. Sebanyak 11 Projek Agropolitan telah/sedang dilaksanakan dengan sasaran seramai 4,455 orang peserta yang berada di bawah PGK semasa. Peserta Projek Agropolitan dibahagikan kepada 2 kategori iaitu peserta dengan petempatan dan peserta tanpa petempatan. Kawasan yang terlibat dengan pelaksanaan Projek Agropolitan adalah seluas 18,016 hektar di seluruh negara. Sejumlah RM289.35 juta peruntukan PLMLB di bawah RMKe-9 dan RMKe-10 telah disalurkan kepada 3 agensi pelaksana/pembayar yang dilantik oleh KKLW iaitu FELCRA Berhad, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA). Butiran Projek Agropolitan dan peruntukan PLMLB yang telah disalurkan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 18.1
PERUNTUKAN YANG DISALURKAN UNTUK
PROJEK AGROPOLITAN BAGI TEMPOH RMKe-9 SEHINGGA TAHUN 2011

PROJEK AGROPOLITAN	AGENSI PELAKSANA/ PEMBAYAR	BIL. PESERTA (Orang)	PERUNTUKAN		
			RMKe-9 (RM Juta)	TAHUN 2011 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Batang Lupar, Sri Aman, Sarawak	FELCRA Berhad	300	37.18	15.19	52.37
Batang Sadong, Samarahan, Sarawak	FELCRA Berhad	211	43.80	10.56	54.36
Chemomoi, Bentong, Pahang	RISDA	400	29.53	8.96	38.49

PROJEK AGROPOLITAN	AGENSI PELAKSANA/ PEMBAYAR	BIL. PESERTA (Orang)	PERUNTUKAN		
			RMKe-9 (RM Juta)	TAHUN 2011 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Gahai, Lipis, Pahang	RISDA	80	3.73	1.69	5.42
Gana, Sabah	RISDA	450	0.54	0.05	0.59
Ganda, Gerik, Perak	RISDA	400	18.02	14.64	32.66
Gunung Sadok, Saratok, Sawarak	RISDA	86	3.10	2.19	5.29
Pulau Banggi, Kudat, Sabah	FELCRA Berhad	400	31.10	14.34	45.44
Pulau Bruit, Mukah, Sarawak	FELCRA Berhad	1,900	12.28	6.01	18.29
RASCOM, Kanowit, Sawarak	RISDA	128	8.61	7.42	16.03
Sik, Kedah	KEDA	100	1.85	18.56	20.41
JUMLAH		**4,455**	**189.74**	**99.61**	**289.35**

18.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Agropolitan telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

18.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Projek Agropolitan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 di peringkat KKLW dan agensi pelaksana. Pengauditan yang dijalankan di peringkat agensi pelaksana adalah tertakluk kepada pencapaian sasaran/objektif pelaksanaan komponen Projek Agropolitan yang ditetapkan oleh KKLW. Projek Agropolitan yang dipilih sebagai sampel Audit ialah projek yang dilaksanakan di Batang Lupar, Sri Aman, Sarawak; Gahai, Lipis, Pahang; Pulau Banggi, Kudat, Sabah dan Sik, Kedah.

18.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan rekod dan dokumen yang berkaitan dengan Projek Agropolitan; testimoni melalui temu bual/soal selidik dengan pegawai yang bertanggungjawab dan analisis terhadap data yang diperoleh. Selain itu, lawatan ke tapak projek juga telah dijalankan.

18.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2011 hingga Januari tahun 2012 mendapati secara umumnya pengurusan Projek Agropolitan adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang menjejaskan objektif asal projek ini. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

i. peruntukan pembangunan disalurkan kepada agensi pelaksana tanpa mengambil kira kemajuan projek;
ii. projek yang dilaksanakan di bawah komponen ekonomi tidak berdaya maju/tahan;
iii. garis panduan pelaksanaan projek lewat disediakan;
iv. perjanjian yang disediakan antara peserta dan agensi pelaksana masih belum ditandatangani; dan
v. pembangunan komponen fizikal projek yang tidak memuaskan/bermasalah.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas pihak yang terlibat adalah seperti di perenggan berikut:

18.5.1. Prestasi Kewangan Projek

18.5.1.1. Sejak tahun 2006, apabila Anggaran Perbelanjaan Tahunan diluluskan oleh Parlimen, Perbendaharaan Malaysia akan mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan untuk memaklumkan jumlah yang telah diluluskan serta mengeluarkan Waran Am kepada semua Pegawai Pengawal pada awal bulan Januari. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan ini, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan penyaluran peruntukan kepada badan berkanun adalah mengikut kemajuan projek bagi memastikan peruntukan yang diberi kepada agensi tersebut dibelanjakan sepenuhnya bagi maksud projek berkenaan dengan mengambil kira lebihan wang rizab di agensi berkenaan.

18.5.1.2. Semakan Audit terhadap prestasi kewangan bagi 4 Projek Agropolitan terpilih sebagai sampel Audit mendapati perkara berikut:

a. Selain daripada peruntukan di bawah PLMLB, pelaksanaan 4 Projek Agropolitan turut melibatkan peruntukan berjumlah RM144.80 juta daripada peruntukan program lain di bawah KKLW dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM104.21 juta adalah daripada peruntukan Program Kesejahteraan Rakyat dan Program Infrastruktur dan Tanam Semula Getah ke Tanaman Lain di bawah KKLW manakala sejumlah RM40.59 juta pula adalah bagi tujuan pembangunan Ladang Sejahtera (Getah) di bawah Program Pemulihan dan Penyatuan Tanah yang disalurkan terus oleh EPU kepada FELCRA Berhad.

b. Daripada keseluruhan peruntukan yang telah disalurkan bagi pelaksanaan 4 Projek Agropolitan tersebut, hanya RM134.02 juta (60.1%) daripada RM223.01 juta telah dibelanjakan manakala baki berjumlah RM88.99 juta masih berada di dalam simpanan agensi pelaksana setakat akhir tahun 2011. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 18.2
PRESTASI KEWANGAN BAGI PROJEK AGROPOLITAN YANG DIPILIH SEBAGAI SAMPEL AUDIT SETAKAT AKHIR TAHUN 2011

PROJEK	PERUNTUKAN DISALURKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR		BAKI (RM Juta)
		(RM Juta)	(%)	
Projek Agropolitan Batang Lupar				
Program Bantuan Rumah (PBR)	6.38*	5.54	86.8	0.84
Infrastruktur	8.80^	7.47	84.9	1.33
Jeti, Bekalan Air Luar Bandar, Surau, Tadika, Premis Perniagaan & Modal Insan	13.20	1.27	9.6	11.93
Jalan Dalam Petempatan & Sistem Perparitan	3.63	3.31	91.1	0.32
Pembangunan Ladang Sejahtera (Sawit)	32.92	11.90	36.1	21.02
Kemudahan Perladangan	2.83	0.96	33.9	1.87
Jumlah Kecil	**67.76**	**30.45**	**44.9**	**37.31**
Projek Agropolitan Pulau Banggi				
Program Perumahan Masyarakat Setempat	48.49*	28.49	58.8	20.00
Infrastruktur Ladang	17.55#	12.13	69.1	5.42
Pembangunan Ladang Sejahtera (Getah)	27.60#	33.45	121.2	(5.85)
Jalan Luar Bandar	19.50^	16.32	83.7	3.18
Projek Ikan Dalam Sangkar	11.00*	3.96	36.0	7.04
Modal Insan	0.01	0.01	100	0.00
Jumlah Kecil	**124.15**	**94.36**	**76.0**	**29.79**
Projek Agropolitan Gahai				
Program Bantuan Rumah (PBR) & Pembangunan Ladang Sejahtera (Getah)	10.04+	6.78	67.5	3.26
Pembangunan Ladang Komersial	0.60	0.46	76.0	0.14
Modal Insan	0.05	0.03	60.0	0.02
Jumlah Kecil	**10.69**	**7.27**	**68.0**	**3.42**

PROJEK	PERUNTUKAN DISALURKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR		BAKI (RM Juta)
		(RM Juta)	(%)	
Projek Agropolitan Sik				
Program Perumahan Rakyat Tempatan	5.69	0.69	12.1	5.00
Pembangunan Ladang Sejahtera (Getah)	2.55	0.60	23.5	1.95
Pembangunan Kawasan Terbiar	1.75	0.48	27.4	1.27
Pembinaan Pusat Agrobisnes dan Agroindustri	9.92	0.04	0.4	9.88
Modal Insan	0.50	0.13	26.0	0.37
Jumlah Kecil	**20.41**	**1.94**	**9.5**	**18.47**
JUMLAH KESELURUHAN	**223.01**	**134.02**	**60.1**	**88.99**

Nota:

(*) - Peruntukan Daripada Program Kesejahteraan Rakyat
(^) - Peruntukan Daripada Program Infrastruktur
(#) - Peruntukan Daripada EPU dan PLMLB
(†) - Peruntukan Daripada Tanam Semula Getah Ke Tanaman Lain

c. Prestasi perbelanjaan yang paling tidak memuaskan adalah Projek Agropolitan Sik di mana sejumlah RM1.94 juta (9.5%) sahaja dibelanjakan daripada RM20.41 juta yang disalurkan setakat akhir tahun 2011. Semakan Audit selanjutnya mendapati saluran peruntukan kepada KEDA (agensi pelaksana projek) telah dilakukan sebanyak 3 kali iaitu berjumlah RM1.85 juta, RM14.31 juta dan RM4.25 juta pada bulan April 2010, April 2011 dan Ogos 2011 masing-masingnya. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 18.3
PENYALURAN PERUNTUKAN KEPADA KEDA
UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK AGROPOLITAN SIK

KOMPONEN PROJEK	AMAUN YANG DISALURKAN (RM Juta)			
	APRIL 2010	APRIL 2011	OGOS 2011	JUMLAH
Pembangunan Petempatan	0.20	5.49	-	5.69
Pembangunan Ladang Sejahtera (Getah)	0.20	2.35	-	2.55
Pembangunan Kawasan Terbiar	0.70	1.05	-	1.75
Pembinaan Pusat Agrobisnes Dan Agroindustri	0.75	5.17	4.00	9.92
Pembangunan Modal Insan	-	0.25	0.25	0.50
JUMLAH	**1.85**	**14.31**	**4.25**	**20.41**

d. Antara projek kecil di bawah Projek Agropolitan Sik adalah projek penempatan 50 keluarga termiskin di Bendang Man dan projek pembinaan Pusat Agrobisnes dan Agroindustri Sungai Namek. Lawatan Audit pada bulan Januari 2012 mendapati kedua-dua projek yang bernilai RM15.61 juta masih belum dimulakan kerana tidak memenuhi syarat kelulusan pelan rancangan yang ditetapkan oleh Majlis Daerah Sik. Secara keseluruhannya, hanya RM0.73 juta (0.5%) daripada RM15.61 juta yang disalurkan telah dibelanjakan setakat akhir tahun 2011. Keadaan tapak di kedua-dua projek tersebut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 18.1



Projek Agropolitan Sik, Kedah
- Kawasan Di Bendang Man, Sik Yang Masih Belum Dibangunkan Dengan Penempatan Peserta
(17.11.2011)

GAMBAR 18.2



Projek Agropolitan Sik, Kedah
- Kawasan Di Sungai Namek, Sik Yang Masih Belum Dibangunkan Pusat Agrobisnes Dan Agroindustri
(17.11.2011)

Pada pendapat Audit, penyaluran peruntukan kepada agensi pelaksana Projek Agropolitan adalah tidak teratur kerana peruntukan perbelanjaan pembangunan telah disalurkan tanpa mengambil kira kemajuan projek. Ini adalah jelas dalam kes penyaluran peruntukan kepada KEDA bagi tujuan pembangunan penempatan 50 keluarga termiskin di Bendang Man dan pembinaan Pusat Agrobisnes dan Agroindustri Sungai Namek, Sik di mana hanya RM0.73 juta (0.5%) daripada RM15.61 juta yang disalurkan telah dibelanjakan setakat akhir tahun 2011.

18.5.2. Prestasi Pencapaian Projek Kecil Di Bawah Komponen Ekonomi

18.5.2.1. Antara projek kecil yang telah dilaksanakan di bawah komponen ekonomi adalah Projek Ladang Sejahtera (Getah/Sawit) dan Ladang/Aktiviti Komersial. Melalui pelaksanaan projek di bawah komponen ekonomi, sasaran yang ditetapkan adalah untuk meningkatkan purata pendapatan peserta Projek Agropolitan dari RM300 kepada RM1,800 sebulan melalui pengagihan dividen hasil daripada pegangan saham dan penerimaan gaji/upah daripada projek kecil yang dijalankan. Bagi memastikan matlamat pelaksanaan Projek Agropolitan tercapai, projek kecil komponen ekonomi hendaklah berdaya maju (viable) dan berdaya tahan (sustainable).

18.5.2.2. Semakan Audit terhadap prestasi pencapaian projek kecil di bawah komponen ekonomi mendapati perkara berikut:

a. Projek Ladang Sejahtera (Getah), Projek Agropolitan Pulau Banggi

Ladang Sejahtera (Getah) seluas 1,877 hektar telah dibangunkan oleh FELCRA Berhad dengan perbelanjaan berjumlah RM33.45 juta daripada peruntukan yang disalurkan berjumlah RM27.60 juta. Lawatan Audit pada bulan November 2011 mendapati tanaman getah yang berusia antara 2 hingga 4 tahun mengalami masalah pertumbuhan yang disebabkan oleh tanah ladang yang menakung air dan berbatu-batan. Antara lainnya, ia telah mengakibatkan pokok getah berbanir/ berbuah pada usia muda, condong disebabkan akar yang tidak mencengkam tanah dan daun mengalami lecuran. Keadaan ladang getah adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 18.3



Ladang Sejahtera (Getah),
Projek Agropolitan Pulau Banggi, Sabah
-Tanah Ladang Yang Menakung Air
(17.11.2011)

GAMBAR 18.4



Ladang Sejahtera (Getah),
Projek Agropolitan Pulau Banggi, Sabah
- Kandungan Tanah Yang Berbatu-batan
(17.11.2011)

GAMBAR 18.5



Ladang Sejahtera (Getah),
Projek Agropolitan Pulau Banggi, Sabah
- Pokok Getah Yang Berbuah Sebelum Matang
(17.11.2011)

GAMBAR 18.6



Ladang Sejahtera (Getah),
Projek Agropolitan Pulau Banggi, Sabah
- Banir Akar Terkeluar Sebelum Matang
(17.11.2011)

GAMBAR 18.7



Ladang Sejahtera (Getah),
Projek Agropolitan Pulau Banggi, Sabah
- Pokok Getah Condong Disebabkan Akarnya
Yang Tidak Mencengkam Tanah
(17.11.2011)

GAMBAR 18.8



Ladang Sejahtera (Getah),
Projek Agropolitan Pulau Banggi, Sabah
- Daun Pokok Getah Melecur Disebabkan
Tiupan Angin Mengandungi Garam
(17.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Yang Diterima Pada 20 Jun 2012

Tanaman getah di Pulau Banggi, Sabah menghadapi stress kesan daripada sifat tanah di kawasan ladang yang menakung air dan berbatu-batan. Selain itu, kedudukan geografi pulau yang terdedah kepada tiupan angin kencang yang mengandungi garam laut turut menjadi punca kepada masalah lecuran daun pokok getah. Kesannya, pertumbuhan tanaman getah di pulau ini adalah lebih perlahan berbanding kawasan yang lain di Semenanjung dan tindakan penyenggaraan dan pemuliharaan ladang yang rapi perlu dilakukan bagi memastikan ladang mengeluarkan hasil seperti yang dirancang. Antara tindakan penyenggaraan dan pemuliharaan yang dilaksanakan adalah dengan menggantikan anak pokok getah yang telah mati, penanaman pokok pemecah angin/tanaman penutup bumi, pemasangan tiang sokongan terhadap pokok getah yang condong, penggunaan baja organik dan pemuliharaan teres. Proses penyenggaraan dan pemuliharaan tersebut adalah di luar daripada kos perladangan yang dianggarkan dan ini telah mengakibatkan FELCRA Berhad membelanjakan jumlah yang melebihi peruntukan yang disalurkan.

Pada pendapat Audit, projek Ladang Sejahtera (Getah) di Pulau Banggi, dapat mencapai matlamatnya dari segi memberi peluang pekerjaan kepada peserta Projek Agropolitan. Bagaimanapun, projek ini kurang berdaya maju di mana kos penyenggaraan yang tinggi diperlukan untuk memastikan ladang mengeluarkan hasil bagi memastikan pengagihan dividen kepada peserta dapat dibuat seperti yang dirancang.

b. Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar, Projek Agropolitan Pulau Banggi

KKLW telah menyalurkan peruntukan daripada Program Kesejahteraan Rakyat berjumlah RM11 juta kepada FELCRA Berhad untuk melaksanakan projek ini di perairan antara Pulau Banggi dan Pulau Balak pada tahun 2009. Sasaran pengeluaran yang ditetapkan adalah sebanyak 336,000 kilogram ikan daripada 400 sangkar ikan kerapu harimau/jenahak emas untuk pasaran eksport ke Hong Kong dan China. Seramai 200 peserta Projek Agropolitan akan menerima 2 buah sangkar ikan setiap seorang sebagai pegangan saham dan diberi keutamaan untuk mengisi 20 peluang pekerjaan yang diwujudkan daripada projek tersebut. Semakan Audit terhadap prestasi projek ini mendapati perkara berikut:

i. Projek ini dilaksanakan oleh anak syarikat FELCRA Berhad iaitu FELCRA Agro Industry Sdn. Bhd. (FAISB) pada bulan Julai 2009 dengan nilai kontrak berjumlah RM7.49 juta.

ii. Sejumlah RM3.96 juta telah dibelanjakan pada tahun 2009 bagi tujuan pembinaan sangkar ikan, pejabat, pusat asuhan ikan dan rumah pekerja serta perolehan peralatan seperti pam air dan set jana kuasa. Bagaimanapun, KKLW telah mengarahkan supaya projek ini dihentikan kerana peratusan anak ikan kerapu harimau yang hidup setakat bulan Ogos 2010 adalah sangat rendah iaitu hanya 6,160 (8.2%) daripada 75,119 ekor yang dimasukkan ke dalam sangkar.

iii. Berdasarkan rekod KKLW yang disemak, analisis menunjukkan projek ini gagal kerana FAISB kurang pengetahuan/kemahiran untuk menjalankan projek ternakan ikan dalam sangkar di mana syarikat tersebut tidak dapat mengesan/ mengetahui punca/jenis penyakit dan kaedah rawatan/kawalan penyakit ikan pada peringkat awal. Selain itu, kegagalan projek juga disebabkan oleh masalah bekalan elektrik yang tidak berterusan selama 24 jam sehari di kolam asuhan anak ikan, masalah bekalan minyak diesel untuk kegunaan set jana kuasa serta kesukaran mendapatkan bekalan makanan ikan yang segar.

iv. Sebagai langkah pembetulan, KKLW memutuskan agar projek ini diserahkan kepada 21 peserta Projek Agropolitan yang terpilih di mana setiap peserta akan menerima maksimum 5 buah sangkar untuk diusahakan sendiri pada bulan Oktober 2011. Selain itu, KKLW akan memberikan bantuan seperti penggunaan bot nelayan, pukat, bubu, benih ikan serta menyediakan kursus asas nelayan dan ternakan ikan dalam sangkar. Manakala bagi bangunan pejabat dan stor/rumah pekerja pula, KKLW mencadangkan untuk mengubah suai bangunan tersebut kepada rumah burung walit. Sehubungan itu, baki wang yang tidak dibelanjakan berjumlah RM7.04 juta akan digunakan untuk pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi dan modal insan serta pemasangan siling di rumah Projek Penempatan Masyarakat Sejahtera (PPMS) Fasa 1, Pulau Banggi.

v. Semakan Audit juga mendapati Kementerian telah melupuskan aset/peralatan yang diperoleh antaranya sangkar ikan, pam air dan set jana kuasa pada bulan Jun 2011. Bagaimanapun, tawaran penjualan aset/peralatan lupus yang dilaksanakan pada bulan November 2011 tidak mendapat sambutan. Lawatan Audit pada bulan November 2011 bagi meninjau keadaan aset yang dilupuskan tersebut mendapati ia tidak disenggarakan atau rosak/terbiar seperti di gambar berikut:

GAMBAR 18.9



Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar,
Projek Agropolitan Pulau Banggi
- Sangkar Ikan yang Tidak Disenggarakan
Sehingga Rosak
(17.11.2011)

GAMBAR 18.10



Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar,
Projek Agropolitan Pulau Banggi
- Pam Air Yang Tidak Digunakan
Tidak Disenggarakan Sehingga Rosak
(17.11.2011)



GAMBAR 18.11

Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar,
Projek Agropolitan Pulau Banggi
- Set Janakuasa Yang Tidak Digunakan
(17.11.2011)

Pada pendapat Audit, Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar, Pulau Banggi, Sabah gagal mencapai matlamatnya dari segi pengagihan dividen kepada 200 orang peserta dan memberi peluang pekerjaan untuk 20 orang peserta Projek Agropolitan Pulau Banggi.

c. Ladang Komersial, Projek Agropolitan Gahai, Lipis, Pahang

KKLW telah menyalurkan sejumlah RM0.60 juta bagi tujuan pembangunan dan penyenggaraan ladang untuk tanaman nanas di kawasan seluas 35 hektar. Projek ini dilaksanakan pada bulan Disember 2007 oleh peserta Projek Agropolitan dengan bimbingan RISDA. Semakan Audit terhadap prestasi projek ini mendapati perkara berikut:

i. Keputusan untuk tanaman nanas di kawasan terbabit adalah disebabkan oleh surat sokongan daripada Lembaga Perindustrian Nanas pada bulan Julai 2007 yang menyatakan kawasan ini adalah sesuai dari segi kecerunan tanah, pH dan darjah tanah.

ii. Sejumlah RM0.41 juta telah dibelanjakan dan setakat bulan Januari 2011, sebanyak 54,950 biji buah nanas bernilai RM82,239 telah dituai dan sejumlah RM19,200 telah diagihkan kepada peserta projek sebagai dividen keuntungan.

iii. Tanaman nanas ini tidak lagi mendatangkan hasil selepas tamat satu pusingan (15 bulan) sungguhpun telah diambil langkah pemulihan. Berdasarkan kertas cadangan bertarikh 4 Mac 2011 yang disediakan oleh Pegawai RISDA Daerah Lipis, antara punca tanaman nanas tidak mendatangkan hasil selepas satu pusingan adalah struktur muka bumi kurang sesuai; pembangunan ladang tidak dibuat mengikut cadangan Jabatan Pertanian; pengurusan yang kurang cekap dan tenaga kerja yang kurang mahir. Selain itu, Jabatan Pertanian juga tidak mengesyorkan tanaman nanas di kawasan terbabit kerana tanaman nanas hanya berpotensi sekiranya ditanam di atas teres bangku, ditanam dengan

tanaman penutup bumi yang dapat mengelakkan hakisan dan amalan pembajaan yang sempurna.

iv. KKLW melalui cadangan RISDA telah memutuskan tanaman nanas digantikan dengan tanaman pisang/lada hitam dengan menggunakan baki wang yang disalurkan pada tahun 2010.

v. Lawatan Audit pada bulan November 2011 mendapati kerja pembinaan teres bangku telah selesai namun pokok pisang/lada hitam hanya ditanam seluas 5 ekar sebagai percubaan. Keadaan ladang adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 18.12



Ladang Komersial,
Projek Agropolitan Gahai, Lipis, Pahang
- Keadaan Ladang Komersial Yang Dihentikan Tanaman Nanas
(24.11.2011)

GAMBAR 18.13



Ladang Komersial,
Projek Agropolitan Gahai, Lipis, Pahang
- Sebahagian Daripada Tanaman Pokok Pisang
(24.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Yang Diterima Pada 20 Jun 2012

Tindakan memperluaskan tanaman pisang/lada hitam di keseluruhan kawasan Ladang Komersial sedang diambil.

Pada pendapat Audit, projek tanaman nanas di Ladang Komersial Gahai, Lipis, Pahang tidak berdaya tahan apabila hanya dapat mengagihkan dividen untuk satu pusingan sahaja.

d. Ladang Sejahtera (Getah), Projek Agropolitan Sik, Kedah

Berdasarkan Garis Panduan Projek Agropolitan, keluasan maksimum tanah bagi tujuan pegangan saham oleh peserta Projek Ladang Sejahtera di Semenanjung adalah 2.5 hektar seorang. Untuk tujuan pembangunan Ladang Sejahtera (Getah) seluas 321 hektar di Sik, KKLW telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM2.55 juta kepada KEDA iaitu sejumlah RM200,000 pada tahun 2010 (RMKe-9) dan RM2.35 juta pada tahun 2011 (RMKe-10). Sehubungan itu, sasaran asal pembangunan projek ini adalah untuk meningkatkan pendapatan seramai 100 peserta projek. Semakan Audit terhadap prestasi projek mendapati perkara berikut:

i. Projek ini dilaksanakan di atas tanah milik KEDA yang hanya seluas 100 hektar di Bendang Man, Sik Kedah. Oleh itu, sasaran asal untuk meningkatkan pendapatan seramai 100 orang peserta telah dikurangkan kepada 50 orang dengan sasaran pegangan saham maksimum seluas 2 hektar untuk setiap peserta.

ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati hanya 88 hektar (88.0%) daripada keluasan tanah milik KEDA tersebut dapat dibangunkan sebagai Ladang Sejahtera (Getah) disebabkan keadaan tanah yang bercerun/berlurah/

berbukit/berbatu-batan dan rizab jalan yang tidak dapat ditanam dengan pokok getah. Antara kawasan yang tidak dapat dibangunkan adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 18.14

Ladang Sejahtera (Getah), Projek Agropolitan Sik - Kawasan Lurah Yang Tidak Dapat Dibangunkan Sebagai Ladang Getah (18.01.2012)

iii. Pada bulan Januari 2012, KEDA telah mengemukakan kertas cadangan kepada KKLW untuk melantik anak syarikatnya iaitu KEDA AgroBiz Sdn. Bhd. untuk mengurus projek ini. Melalui kertas cadangan tersebut, sebanyak 20 peratus pendapatan bersih daripada pengeluaran getah yang dijangka dituai pada tahun 2016 akan disalurkan sebagai dividen kepada seramai 50 peserta projek. Bagaimanapun setakat bulan Mei 2012, cadangan tersebut masih dinilai dan diperhalusi di peringkat Jawatankuasa Dasar KKLW.

iv. Pihak Audit juga mendapati bilangan dan senarai nama peserta Projek Agropolitan yang akan mendapat manfaat peluang pekerjaan dan dividen daripada Ladang Sejahtera (Getah) tersebut masih belum dimuktamadkan setakat tarikh pengauditan dijalankan.

Pada pendapat Audit, pemilihan peserta Projek Agropolitan perlu dipercepatkan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.

e. Projek Tanaman Padi Dan Ternakan Ikan Organik, Projek Agropolitan Sik, Kedah

KKLW telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM1.75 juta kepada KEDA bagi tujuan pembangunan kawasan/sawah terbiar dan di antara projek yang dilaksanakan ialah Projek Tanaman Padi dan Ternakan Ikan Organik di kawasan sawah terbiar seluas 12.9 hektar di Kampung Lintang, Belantik, Sik. Projek ini telah dimulakan pada bulan April 2010 dengan sasaran seramai 20 peserta di mana penanaman padi akan dilaksanakan secara organik dengan kaedah *System of Rice Intensification* (SRI) dan pembinaan 20 buah kolam ternakan ikan. Selain itu, peserta projek juga akan mendapat latihan mengenai kaedah tanaman padi SRI dan ternakan ikan secara organik yang dijalankan. Semakan Audit terhadap prestasi projek ini mendapati perkara berikut:

i. KEDA telah melantik Koperasi Agro Belantik Sik Bhd. untuk menguruskan kawasan tanaman padi dan ternakan ikan organik termasuk urusan pemajakan/sewa tanah, menyediakan tenaga kerja bermula daripada proses penanaman/ternakan sehingga hasil dipasarkan.

ii. Setakat bulan Januari 2012, sejumlah RM0.48 juta telah dibelanjakan oleh KEDA dan di antaranya adalah kos berjumlah RM54,706 bagi pelaksanaan latihan kaedah pertanian SRI di Indonesia pada bulan Januari 2011 yang disertai seramai 24 peserta. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan kaedah dan justifikasi pemilihan peserta yang menyertai latihan

tersebut kerana peserta Agropolitan Sik yang layak masih belum dipilih semasa latihan dilaksanakan.

iii. Sejumlah RM0.12 juta juga telah dibelanjakan untuk menyediakan prasarana dan peralatan/benih ikan. Lawatan Audit pada bulan Januari 2012 mendapati sebanyak 20 buah kolam ikan dan stor makanan ikan telah dibina. Bagaimanapun, hanya 7 buah kolam telah dimasukkan benih ikan manakala baki 13 kolam lagi dalam peringkat baik pulih/penyediaan kerana kedalaman kolam yang dibina cetek dan tidak sesuai untuk ternakan ikan. Keadaan projek ternakan ikan organik adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 18.15



Projek Ternakan Ikan Organik,
Projek Agropolitan Sik, Kedah
- Stor Makanan Ikan Yang Dibina
(18.01.2012)

GAMBAR 18.16



Projek Ternakan Ikan Organik,
Projek Agropolitan Sik, Kedah
- Kolam Ikan Yang Tidak Dapat Digunakan Untuk Ternakan Ikan Disebabkan Cetek
(18.01.2012)

Maklum Balas Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Yang Diterima Pada 20 Jun 2012

Peserta kursus yang dipilih adalah daripada golongan miskin/miskin tegar yang telah dikenal pasti oleh KEDA yang dapat membantu melaksanakan projek tersebut. Senarai nama peserta tersebut juga adalah termasuk dalam senarai yang telah diserahkan untuk kelulusan oleh Focus Group peringkat negeri. Selain itu, kedalaman kolam ternakan ikan telah dibaik pulih dan telah pun mengeluarkan hasil pada bulan Mei 2012 seperti di gambar berikut:

GAMBAR 18.17



Projek Ternakan Ikan Organik,
Projek Agropolitan Sik, Kedah
- Kolam Ikan Yang Siap Dibaikpulih Kedalamannya
(Sumber: KKLW - 14.05.2012)

GAMBAR 18.18



Projek Ternakan Ikan Organik,
Projek Agropolitan Sik, Kedah
- Hasil Ternakan Ikan Yang Diperoleh Dari Kolam Ikan
(Sumber: KKLW - 14.05.2012)

Pada pendapat Audit, objektif untuk meningkatkan pendapatan peserta Projek Agropolitan Sik melalui Projek Tanaman Padi Dan Ternakan Ikan Organik masih belum dicapai disebabkan kelewatan pemilihan peserta Projek Agropolitan dan perancangan projek yang lemah.

18.5.3. Pengurusan Projek Agropolitan

18.5.3.1. Garis Panduan Pelaksanaan Projek Agropolitan

KKLW melalui Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah (BKTW) adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan PLMLB dan menjelaskan kaedah pelaksanaan yang memperincikan konsep dan skop projek kepada agensi pelaksana yang dilantik. Selain itu, BKTW bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Penyelarasan Projek Agropolitan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Pada peringkat awal Projek Agropolitan dilaksanakan, tiada garis panduan yang jelas disediakan sebagai rujukan untuk menjelaskan dasar dan kaedah perancangan, pelaksanaan dan pemantauan Projek Agropolitan.

b. Tanpa garis panduan yang jelas, KKLW menghadapi masalah apabila perancangan Projek Agropolitan di peringkat agensi pelaksana tidak berpandukan kepada aspirasi dan hasrat KKLW memandangkan agensi pelaksana/Kerajaan Negeri ingin projek dilaksanakan mengikut kehendak *stakeholder* masing-masing.

c. Lanjutan itu, BKTW telah menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan Projek Agropolitan. Bagaimanapun, garis panduan ini hanya berkuat kuasa mulai 1 November 2011.

Maklum Balas Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Yang Diterima Pada 20 Jun 2012

Pelaksanaan Projek Agropolitan adalah berpandukan dasar dan kriteria umum yang digariskan semasa pembentangan kepada Badan Bertindak Pelaksanaan Negara mengenai cadangan menghapuskan kemiskinan tegar melalui Program Lonjakan Mega Luar Bandar pada 9 Oktober 2006.

Pada pendapat Audit, Projek Agropolitan yang mula dirancang pada tahun 2006 telah mengalami masalah dalam pelaksanaannya apabila tiada garis panduan yang jelas disediakan untuk memperjelaskan kaedah pelaksanaan projek yang melibatkan pelbagai agensi di peringkat Persekutuan/Negeri/Daerah.

18.5.3.2. Perjanjian Antara Peserta Projek Agropolitan Dan Agensi Pelaksana

KKLW telah meluluskan draf perjanjian antara peserta projek dan agensi pelaksana dan mengemukakan draf perjanjian tersebut kepada pihak FELCRA Berhad dan RISDA untuk dimuktamadkan dengan peserta. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Setakat bulan Disember 2011, perjanjian masih belum ditandatangani oleh peserta di semua Projek Agropolitan yang dilawati.

b. Bagi menentukan dokumentasi penyertaan peserta Projek Agropolitan tanpa petempatan telah dilaksanakan dengan teratur, pihak Audit juga telah menemu bual 7 daripada 30 peserta tanpa petempatan di Projek Agropolitan Gahai. Hasil temu bual mendapati peserta berkenaan tidak pasti/tidak tahu bahawa mereka telah menyertai Projek Agropolitan Gahai dan layak menerima dividen melalui Ladang Sejahtera (Getah). Selain itu, maklumat mengenai penyerahan perjanjian/tawaran rasmi mengenai penyertaan peserta Projek Agropolitan tersebut juga tidak diselenggarakan.

Maklum Balas Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Yang Diterima Pada 20 Jun 2012

KKLW telah mengambil tindakan dengan mengemukakan surat tawaran bertarikh 21 Februari 2012 kepada 30 peserta tanpa petempatan tersebut.

Pada pendapat Audit, sekiranya perjanjian antara Kerajaan dan peserta Projek Agropolitan tidak dimeterai, kepentingan pihak yang terlibat dengan pelaksanaan projek ini tidak terjamin. Selain itu, tindakan penguatkuasaan terhadap syarat yang ditetapkan di dalam perjanjian juga tidak dapat diambil terhadap peserta yang tidak mematuhi syarat penyertaan.

18.5.3.3. Pembangunan Komponen Fizikal Projek Agropolitan Yang Tidak Memuaskan/Bermasalah

Antara objektif yang perlu dicapai oleh KKLW dalam pelaksanaan Projek Agropolitan adalah untuk meningkatkan liputan dan kualiti prasarana asas, utiliti, ameniti dan kemudahan sosial serta meningkatkan kesejahteraan hidup peserta. Peserta Projek Agropolitan dengan petempatan akan disediakan sebuah rumah kediaman di dalam kawasan petempatan yang lengkap dengan infrastruktur asas seperti jalan, bekalan air/elektrik, longkang dan sistem perparitan sistematik. Selain itu, kawasan petempatan juga dilengkapi dengan kemudahan dewan serba guna, surau, padang permainan dan Tadika/Taska/Tabika. Pembinaan prasarana bagi tujuan penjanaan ekonomi setempat dan Industri Kecil dan Sederhana seperti gerai dan bengkel turut dimasukkan di dalam komponen fizikal sesebuah Projek Agropolitan. Sehubungan itu, kerja pembinaan komponen fizikal perlu berkualiti selaras dengan objektif KKLW untuk meningkatkan kesejahteraan hidup peserta Projek Agropolitan. Oleh itu, KKLW dan agensi pelaksana perlu memastikan setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas pada tahap piawaian yang boleh diterima pakai. Bagaimanapun, lawatan Audit antara bulan November 2011 hingga Januari 2012 mendapati beberapa kelemahan dalam pembangunan komponen fizikal Projek Agropolitan seperti berikut:

a. Pembinaan Tidak Berkualiti/Tidak Mengikut Spesifikasi

i. Tangga kayu setiap rumah yang dibina di bawah Projek Agropolitan Batang Lupar adalah tidak berkualiti di mana ia mudah reput dan patah. Selain itu, *apron* bangunan tadika yang dibina kelihatan tergantung disebabkan masalah mendapan di kawasan tapak projek. Setakat tarikh pengauditan, bangunan tadika tersebut masih belum dapat diserahkan oleh kontraktor disebabkan masalah tersebut.

Maklum Balas Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Yang Diterima Pada 20 Jun 2012

Kerja pembaikan bagi setiap tangga rumah yang rosak telah siap dilaksanakan pada bulan Mei 2012. Manakala bangunan tadika telah diserahkan oleh kontraktor setelah pembaikan dibuat dan pemantauan sedang dilaksanakan bagi memastikan kerosakan yang wujud dapat diperbaiki dalam tempoh tanggungan kecacatan. **Keadaan sebelum dan selepas tindakan untuk membaiki kerja pembinaan yang tidak berkualiti adalah seperti di gambar berikut:**

SEBELUM

GAMBAR 18.19



Rumah Peserta,
Projek Agropolitan Batang Lupar,
Sri Aman, Sarawak
- Tangga Yang Reput Dan Rosak
(07.12.2011)

GAMBAR 18.20



Bangunan Tadika,
Projek Agropolitan Batang Lupar,
Sri Aman, Sarawak
- Rongga Antara Struktur Bangunan Dan Tapak
(07.12.2011)

SELEPAS

GAMBAR 18.21



Rumah Peserta,
Projek Agropolitan Batang Lupar, Sri Aman, Sarawak
- Tangga Yang Telah Siap Dibaiki
(Sumber: KKLW - 14.05.2012)

GAMBAR 18.22



Bangunan Tadika,
Projek Agropolitan Batang Lupar, Sri Aman, Sarawak
- Rongga Antara Struktur Bangunan Dan
Tapak Yang Telah Dibaiki
(Sumber: KKLW - 14.05.2012)

ii. Di kawasan petempatan Projek Agropolitan Gahai, ruang penjagaan bayi dalam bangunan TASKA tidak disediakan mengikut lukisan pelan. Selain itu, kualiti simen lantai pentas dalam bangunan Dewan Serba Guna tidak memuaskan kerana permukaan lantai pentas mudah pecah. Bagaimanapun selepas teguran Audit, tindakan pembaikan telah dilakukan oleh kontraktor seperti di gambar berikut:


SEBELUM

GAMBAR 18.23



Bangunan TASKA,
Projek Agropolitan Gahai, Lipis, Pahang
- Ruang Penjagaan Bayi Tidak Disediakan
(24.11.2011)

GAMBAR 18.24



Lukisan Pelan Bangunan TASKA,
Projek Agropolitan Gahai, Lipis, Pahang
- Ruang Penjagaan Bayi Dalam Lukisan Pelan
(24.11.2011)



GAMBAR 18.25

Dewan Serba Guna, Projek Agropolitan Gahai, Lipis, Pahang
- Simen Lantai Pentas Yang Tidak Berkualiti
(24.11.2011)

SELEPAS

GAMBAR 18.26



Bangunan TASKA,
Projek Agropolitan Gahai, Lipis, Pahang
- Ruang Penjagaan Bayi Telah Disediakan
(Sumber: KKLW - 14.05.2012)

GAMBAR 18.27



Dewan Serba Guna,
Projek Agropolitan Gahai, Lipis, Pahang
- Simen Lantai Pentas Yang Telah Dibaiki
(Sumber: KKLW - 14.05.2012)

Pada pendapat Audit, kelemahan pemantauan oleh agensi pelaksana terhadap pelaksanaan komponen fizikal Projek Agropolitan telah mengakibatkan kerja yang tidak berkualiti dan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

b. Kemudahan Yang Dibina Terbiar/Tidak Digunakan

i. Kerja membekal, memasang dan menyiapkan tangki dan rumah pam bagi kegunaan PPMS (Fasa I) Projek Agropolitan Pulau Banggi telah siap dilaksanakan pada 12 Januari 2010 dengan harga kontrak bernilai RM1.85 juta. Bagaimanapun setakat tarikh pengauditan, tangki air ini tidak dapat diuji sama ada berfungsi dengan baik atau tidak disebabkan kuasa bekalan elektrik yang dijana di Pulau Banggi tidak dapat menampung kuasa mesin pam air tersebut. Setakat tarikh pengauditan, bekalan air ke rumah PPMS (Fasa I) disalurkan secara terus daripada paip utama.

Maklum Balas Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Yang Diterima Pada 20 Jun 2012

Tangki air tersebut telah diuji pada bulan Februari 2012 dengan menggunakan bekalan elektrik yang dijana dari set jana kuasa. Hasil daripada ujian tersebut mendapati tangki air berfungsi dengan baik dan pengurusannya akan diserahkan kepada Jabatan Air Daerah Kudat, Sabah.

ii. Gelanggang sepak takraw di kawasan petempatan Projek Agropolitan Gahai tidak digunakan dan kelihatan terbiar. Berdasarkan maklum balas peserta Projek Agropolitan, lokasi kedudukan gelanggang tersebut tidak sesuai memandangkan kawasan gelanggang tersebut adalah terpencil dan dikhuatiri mendatangkan risiko gangguan binatang buas.

Keadaan gelanggang sepak takraw adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 18.28

Projek Agropolitan Gahai, Lipis, Pahang - Gelanggang Sepak Takraw Yang Tidak Digunakan Dan Kelihatan Terbiar (24.11.2011)

iii. Sebanyak 5 unit gerai yang dibina di Projek Agropolitan Gahai, Pahang tidak digunakan sebagai premis perniagaan sebaliknya ianya digunakan sebagai stor tempat letak baja/peralatan Ladang Komersial seperti gambar berikut:

GAMBAR 18.29



Projek Agropolitan Gahai, Lipis, Pahang - Gerai Yang Tidak Digunakan Sebagai Premis Perniagaan (28.02.2011)

GAMBAR 18.30



Projek Agropolitan Gahai, Lipis, Pahang - Bangunan Gerai Dijadikan Sebagai Stor Baja (24.11.2011)

Pada pendapat Audit, perancangan yang kurang teliti oleh agensi pelaksana telah mengakibatkan berlaku pembaziran dari segi kos pembinaan kemudahan yang tidak digunakan.

c. Tiada Rancangan Bagi Penyenggaraan Kawasan Petempatan

KKLW perlu merancang dan melaksanakan penyenggaraan secara berkala bagi memastikan kualiti prasarana asas, utiliti, ameniti dan kemudahan sosial yang dibina berfungsi dengan baik. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perkara berikut:

i. Tiada perancangan jangka masa pendek dan panjang bagi menyenggarakan kawasan petempatan Projek Agropolitan.

ii. Kerja penyenggaraan tidak dilaksanakan di semua Projek Agropolitan yang dilawati. Antaranya adalah longkang dan *sump* yang tidak disenggarakan di Projek Agropolitan Batang Lupar, Gahai dan Pulau Banggi; bukaan *Flap Gate* dalam Sistem Tebatan Banjir di Projek Agropolitan Batang Lupar tersumbat dan tangki septik yang disediakan di setiap rumah Projek Agropolitan Batang Lupar telah timbul kerana masalah mendapan tanah gambut yang menakung air. Keadaan kemudahan infrastruktur yang tidak disenggarakan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 18.31



Projek Agropolitan Batang Lupar,
Sri Aman, Sarawak
- Longkang Yang Tidak Disenggarakan
(07.12.2011)

GAMBAR 18.32



Projek Agropolitan Gahai, Lipis, Pahang
- Longkang Yang Tidak Disenggarakan
(24.11.2011)

GAMBAR 18.33



Projek Agropolitan Gahai, Lipis, Pahang
- Longkang Pecah/Tidak Disenggarakan
(24.11.2011)

GAMBAR 18.34



Projek Agropolitan Gahai, Lipis, Pahang
- Sump Yang Tidak Disenggarakan
(24.11.2011)

GAMBAR 18.35



Projek Agropolitan Pulau Banggi, Kudat, Sabah
- Keadaan Longkang Yang Tersumbat
(17.11.2011)

GAMBAR 18.36



Projek Agropolitan Batang Lupar,
Sri Aman, Sarawak
- Air Bertakung Di Parit Luar Menghalang Bukaan Flap Gate
(07.12.2011)



GAMBAR 18.37

Projek Agropolitan Batang Lupar,
Sri Aman, Sarawak
Petempatan PBR
- Tangki Septik Diletakkan Pemberat Untuk Mengelakkan Ia Timbul Lebih Tinggi
(07.12.2011)

Maklum Balas Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Yang Diterima Pada 20 Jun 2012

Antara tindakan awal yang telah diambil adalah menetapkan peranan Jawatankuasa Petempatan di setiap Projek Agropolitan untuk mengatur program gotong royong secara berkala bagi pembersihan dan keceriaan kawasan.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam perancangan penyenggaraan kawasan petempatan di Projek Agropolitan yang dilawati telah menjejaskan objektif meningkatkan kesejahteraan hidup melalui penyediaan kawasan petempatan yang lengkap dengan kemudahan moden dan berkualiti.

18.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan Projek Agropolitan yang lain, adalah disyorkan supaya KKLW mempertimbangkan perkara seperti berikut:

18.6.1. Memastikan penyaluran peruntukan kepada agensi pelaksana bagi semua Projek Agropolitan adalah berdasarkan kemajuan pelaksanaan projek dan memastikan peruntukan yang disalurkan mencapai sasaran asal yang ditetapkan.

18.6.2. Menilai semula komponen ekonomi projek yang dilaksanakan khususnya Ladang Sejahtera/Komersial sama ada ia berdaya maju, berdaya tahan serta mampu menjana pendapatan seperti yang dirancang supaya matlamat untuk penghasilan dividen kepada peserta Projek Agropolitan dapat dicapai. Sehubungan itu, setiap peserta Projek Agropolitan hendaklah dikenal pasti dan dipilih sebelum sesuatu komponen ekonomi dilaksanakan.

18.6.3. Memastikan perjanjian antara Kerajaan dan peserta Projek Agropolitan dimuktamadkan/ditandatangani bagi menjamin kepentingan setiap pihak yang terlibat dengan pelaksanaan Projek Agropolitan. Tindakan penguatkuasaan terhadap syarat yang ditetapkan di dalam perjanjian juga dapat diambil terhadap peserta yang tidak mematuhi syarat penyertaan.

18.6.4. Memastikan prasarana/kemudahan infrastruktur yang disediakan disenggarakan dan digunakan mengikut objektif asal.

18.6.5. Merangka rancangan penyenggaraan kawasan petempatan bagi tempoh jangka masa pendek/panjang dan menyediakan kawasan petempatan yang lengkap dengan kemudahan moden dan berkualiti bagi mencapai matlamat untuk meningkatkan kesejahteraan hidup peserta.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 130-138 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

19. PROJEK MEMBINA DAN MENAIK TARAF JALAN LUAR BANDAR DI NEGERI SARAWAK


19.1. LATAR BELAKANG

19.1.1. Projek membina dan menaik taraf jalan luar bandar di Negeri Sarawak telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan mulai tahun 2010, projek ini disambung di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bertujuan untuk mempercepat dan memperbanyakkan pembinaan jalan bagi menyediakan sistem pengangkutan yang diperlukan di luar bandar. Ia bagi menyokong pembangunan ekonomi dalam sektor pertanian, perladangan, perindustrian, perkilangan, pelancongan dan perusahaan perkhidmatan terutama sekali di kawasan yang mundur dan terpencil. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2011, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) telah diluluskan peruntukan untuk melaksanakan 175 projek dengan nilai asal kontrak berjumlah RM1.727 bilion. Daripada 175 projek ini, sebanyak 146 projek bernilai RM1.104 bilion dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKRS) manakala sebanyak 29 projek lagi bernilai RM622.84 juta dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak (JPSS). Projek membina dan menaik taraf jalan luar bandar di Negeri Sarawak diperolehi melalui tawaran tender terbuka, tender terhad dan rundingan terus. Pihak perunding juga terlibat dengan pelaksanaan dan pemantauan projek tersebut.

19.1.2. Setakat 31 Disember 2011, sebanyak 96 projek yang dilaksanakan oleh JKRS telah disiapkan manakala 50 projek masih dalam pelaksanaan. Bagi projek yang dilaksanakan oleh JPSS, sebanyak 5 projek telah disiapkan dan 24 projek masih dalam pelaksanaan. Perbelanjaan sebenar projek ini setakat 31 Disember 2011 adalah berjumlah RM1.024 bilion.

19.1.3. Carta aliran pemilihan projek pembinaan jalan baru dan menaik taraf jalan di luar bandar adalah seperti berikut:

CARTA 19.1
CARTA ALIRAN PEMILIHAN PROJEK PEMBINAAN JALAN BARU DAN MENAIK TARAF JALAN DI LUAR BANDAR, NEGERI SARAWAK



Sumber: Rekod KKLW

19.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada projek membina dan menaik taraf jalan luar bandar di Negeri Sarawak telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

19.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek membina dan menaik taraf jalan luar bandar di Negeri Sarawak di Unit Teknikal KKLW Negeri Sarawak, JKRS dan JPSS bagi tahun 2006 hingga 2011. Sebanyak 25 (14.3%) projek daripada 175 projek telah dipilih sebagai sampel untuk diaudit di 6 Bahagian di Negeri Sarawak iaitu Betong, Kuching, Limbang, Miri, Samarahan dan Sibu.

19.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan projek membina dan menaik taraf jalan luar bandar di Negeri Sarawak. Semakan dan analisis terhadap Laporan Kemajuan Projek juga dijalankan untuk memastikan projek dilaksanakan mengikut spesifikasi dan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala lawatan ke tapak projek dijalankan untuk menilai prestasi kemajuan projek yang telah siap dibina dan juga yang masih dalam pembinaan. Di samping itu, analisis terhadap peruntukan, agihan dan perbelanjaan kewangan untuk menilai keberkesanan pengagihan dan perbelanjaan dijalankan. Ujian *coring* turut dijalankan untuk menilai ketebalan *premix.* Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai daripada agensi terlibat juga dijalankan. Soal selidik untuk mendapat maklum balas daripada pengguna dijalankan untuk menilai kepuasan pelanggan berkaitan kualiti jalan yang dibina dan dinaiktarafkan di luar bandar Negeri Sarawak.

19.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati secara keseluruhannya projek membina dan menaik taraf jalan luar bandar di Negeri Sarawak adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti berikut:

i. prestasi pelaksanaan projek adalah kurang memuaskan kerana daripada 101 projek bernilai RM437.57 juta yang telah disiapkan, sebanyak 38 projek (37.6%) bernilai RM178.94 juta telah mengalami kelewatan antara 15 hingga 242 hari daripada jadual asal;

ii. sebanyak 13 projek (17.6%) bernilai RM229.27 juta daripada 74 projek yang sedang dilaksanakan merupakan projek sakit kerana telah lewat jadual melebihi 20%;

iii. pembinaan jalan tidak menepati spesifikasi kontrak; dan

iv. ketidakpuasan pelanggan daripada maklum balas pelanggan terhadap kualiti pembinaan jalan, keselamatan dan keselesaan jalan.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui serta ulasan KKLW adalah seperti di perenggan berikut:

19.5.1. Prestasi Projek

19.5.1.1. Prestasi Fizikal

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2009 bertarikh 1 September 2009, kemajuan pelaksanaan projek yang telah mengalami kelewatan melebihi 2 bulan (20%) daripada tarikh atau jadual yang telah ditetapkan mengikut mana yang terdahulu

dan kontraktor tidak berupaya memperbaiki prestasinya, projek berkaitan adalah ditakrifkan sebagai projek sakit. Semakan Audit terhadap prestasi fizikal kesemua projek yang dilaksanakan mendapati perkara berikut:

a. Berdasarkan kepada rekod KKLW, sebanyak 175 projek (jalan baru dan jalan yang dinaiktarafkan) dengan jalan sepanjang 873.13 km telah dilaksanakan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2011. Daripada jumlah projek yang dilaksanakan, sebanyak 101 projek (57.7%) dengan jalan sepanjang 372.09 km (42.6%) telah disahkan siap setakat akhir bulan Disember 2011. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 19.1
PRESTASI PROJEK PEMBINAAN JALAN BARU DAN JALAN YANG DINAIKTARAFKAN DI LUAR BANDAR NEGERI SARAWAK SETAKAT AKHIR BULAN DISEMBER 2011

TAHUN	JENIS PROJEK	PROJEK YANG DILAKSANAKAN		PROJEK SIAP	
		BIL.	PANJANG JALAN (Km)	BIL.	PANJANG JALAN (Km)
2006	Jalan Baru	2	8.33	-	-
	Naik Taraf	1	8.70	-	-
2007	Jalan Baru	2	16.86	1	1.96
	Naik Taraf	1	13.75	-	-
2008	Jalan Baru	2	4.00	2	8.50
2009	Jalan Baru	7	34.00	1	2.00
	Naik Taraf	2	16.00	-	-
2010	Jalan Baru	11	69.26	16	65.89
	Naik Taraf	83	302.63	47	178.58
2011	Jalan Baru	32	220.30	14	46.75
	Naik Taraf	32	179.30	20	68.41
JUMLAH		**175**	**873.13**	**101**	**372.09**

Sumber: ***Rekod KKLW***

b. Daripada 101 projek bernilai RM437.57 juta yang telah disiapkan, sebanyak 38 projek (37.6%) bernilai RM178.94 juta mengalami kelewatan jadual antara 15 hingga 242 hari dan kontraktor telah diluluskan lanjutan masa. Antara sebab projek lewat jadual ialah masalah perancangan yang kurang teliti; masalah pengambilan tanah tapak projek; kekurangan bahan pembinaan seperti *premix* dan batu; pemindahan kemudahan awam seperti saliran paip air dan grid elektrik serta kerja-kerja *rock blasting*. Oleh itu, pengguna di kawasan luar bandar Negeri Sarawak tidak dapat menikmati kemudahan jalan yang baru dibina dan dinaiktarafkan seperti yang dirancang. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 19.2
PROJEK SIAP DAN LEWAT JADUAL SETAKAT 31 DISEMBER 2011

AGENSI PELAKSANA	PROJEK SIAP		PROJEK LEWAT JADUAL		TEMPOH KELEWATAN (Hari)
	BIL.	NILAI KONTRAK (RM Juta)	BIL.	NILAI KONTRAK (RM Juta)	
JKRS	96	353.05	35	122.50	15 hingga 170
JPSS	5	84.52	3	56.44	38 hingga 242
JUMLAH	**101**	**437.57**	**38**	**178.94**	**15 hingga 242**

Sumber: ***Rekod KKLW***

c. Setakat 31 Disember 2011, bilangan projek yang sedang dilaksanakan ialah 74 projek bernilai RM1.290 bilion dan mengikut Jadual Pelaksanaan Projek yang disediakan oleh KKLW Negeri Sarawak, sebanyak 13 projek (17.6%) bernilai RM229.27 juta merupakan projek sakit kerana telah lewat jadual melebihi 20% iaitu di antara 23% hingga 74.5% daripada jadual sebenar. Butiran lanjut mengenainya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 19.3
PROJEK DALAM PELAKSANAAN DAN LEWAT JADUAL SETAKAT AKHIR TAHUN 2011

AGENSI PELAKSANA	PROJEK		PROJEK LEWAT JADUAL		
	BIL.	NILAI KONTRAK (RM Juta)	BIL.	NILAI KONTRAK (RM Juta)	PERATUS KELEWATAN
JKRS	50	751.56	8	92.00	23.0 - 74.5
JPSS	24	538.32	5	137.27	23.5 - 55.2
JUMLAH	**74**	**1,289.88**	**13**	**229.27**	**23.0 - 74.5**

Sumber: ***Rekod KKLW***

Maklum Balas Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Yang Diterima Pada 26 Jun 2012

Antara sebab kelewatan sesuatu projek adalah di luar kawalan kementerian mahupun pihak agensi pelaksana seperti halangan di tapak oleh pemilik tanah; kekurangan bahan binaan; masalah dalaman kontraktor dan sebagainya. Bagaimanapun, pihak agensi pelaksana sentiasa mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengatasi masalah atau punca kelewatan sesuatu projek agar ianya dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan fizikal projek adalah kurang memuaskan di mana 37.6% projek yang telah disiapkan mengalami kelewatan jadual antara 15 hingga 242 hari dan kontraktor terlibat diluluskan lanjutan masa. Manakala sebanyak 17.6% daripada projek yang sedang dilaksanakan setakat akhir tahun 2011 merupakan projek sakit.

19.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2011, dua agensi pelaksana (JKRS dan JPSS) telah memeterai 175 kontrak dengan nilai asal kontrak berjumlah RM1.727 bilion. Semakan Audit mendapati KKLW telah menyalurkan sejumlah RM1.036 bilion kepada JKRS dan JPSS dalam tempoh yang sama. Adalah didapati kedua-dua agensi pelaksana telah berjaya membelanjakan sejumlah RM1.024 bilion (98.9%) daripada peruntukan yang disalurkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 19.4
PRESTASI PERBELANJAAN PROJEK BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2011

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	(%)
2006	13.76	11.08	80.5
2007	35.50	35.49	99.9
2008	56.92	51.90	91.2
2009	62.61	73.18	116.9
2010	423.54	417.23	98.5
2011	443.40	435.59	98.2
JUMLAH	**1,035.73**	**1,024.47**	**98.9**

Sumber: ***Rekod KKLW***

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan oleh kedua-dua agensi terlibat dalam projek membina dan menaik taraf jalan luar bandar di Negeri Sarawak adalah baik.

19.5.2. Pengurusan Projek

19.5.2.1. Skop Kerja Kontrak Yang Tidak Menyeluruh

Setiap projek pembinaan jalan baru dan menaik taraf jalan hendaklah dirancang secara holistik dan menyeluruh untuk memastikan segala keperluan pengguna diambil kira. Lawatan Audit mendapati bagi 3 kontrak pembinaan jalan baru dan menaik taraf jalan sedia ada bernilai RM28.75 juta, keperluan pembinaan *culvert* dan jambatan yang sesuai dan mencukupi tidak dimasukkan dalam skop kerja kontrak. Perkara ini berlaku disebabkan agensi pelaksana perlu mengurangkan kos projek berkenaan. Sungguhpun terdapat jambatan yang sedia ada namun ianya adalah sempit dan tidak sesuai dengan taraf jalan yang baru disiapkan atau dinaiktarafkan. Keadaan ini boleh mengakibatkan berlakunya kemalangan terutama bagi pengguna luar dan mereka yang memandu pada waktu malam. Keadaan *culvert* dan jambatan yang tidak dimasukkan dalam skop kerja kontrak adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 19.1



Jalan SK - SMK Ulong Palang, Bario, Bahagian Miri - Jambatan Sedia Ada Hanya Setengah Lebar Jalan Baru (22.11.2011)

GAMBAR 19.2



Jalan Sg. Lingkau, Simunjan, Bahagian Samarahan - Satu Daripada 7 Jambatan Sedia Ada Di Mana Lebarnya Setengah Daripada Lebar Jalan Baru (06.12.2011)

GAMBAR 19.3



GAMBAR 19.4



Jalan Kedumpai - Kg. Sungai Indai, Simunjan, Bahagian Samarahan - Terdapat 4 Culvert Yang Tidak Dimasukkan Dalam Skop Kerja Dan Kontraktor Terpaksa Membina Culvert Sementara (06.12.2011)

Maklum Balas Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Yang Diterima Pada 26 Jun 2012

Perancangan sesuatu projek adalah mengikut keutamaan semasa di mana perhubungan di antara desa dan pekan adalah menjadi keutamaan pada masa itu serta melihat kepada faktor masa dan peruntukan yang terhad. Keperluan untuk membina culvert baru adalah keutamaan kedua dan sepatutnya dibina jika ada lebihan peruntukan. Bagi pembinaan jambatan pula adalah agak mahal dan peruntukan yang sedia ada hanya cukup untuk pembinaan jalan sahaja. Jambatan yang kekal akan dibina jika ada peruntukan tambahan ataupun lebihan peruntukan. Bagaimanapun, untuk memastikan yang jalan raya selamat digunakan, papan tanda amaran telah disediakan.

Pada pendapat Audit, skop kerja kontrak yang tidak menyeluruh telah menyebabkan jalan yang telah disiapkan tidak dapat digunakan dengan optimum dan pengguna terdedah kepada jalan yang berbahaya dan tidak selamat.

19.5.2.2. Pembinaan Jalan Tidak Menepati Spesifikasi Kontrak

Projek pembinaan jalan baru dan menaik taraf jalan hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam syarat kontrak. Klausa 6 dalam syarat kontrak menetapkan kontraktor dikehendaki untuk membina dan menyiapkan projek menggunakan bahan-bahan binaan yang berkualiti mengikut piawaian yang ditetapkan. Lukisan pelan jalan hendaklah menunjukkan ketebalan *road base aggregate* dan s*urfacing of asphaltic concrete (premix).* Semakan Audit terhadap 25 sampel projek mendapati pelaksanaan 3 projek bernilai RM22.54 juta tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan seperti ketebalan *road base aggregate* dan *premix*. Butiran penemuan Audit adalah seperti berikut:

a. Bagi projek Jalan Kg. Kuala Lawas, ketebalan *road base aggregate* yang ditetapkan adalah 400mm dan *premix* adalah 100mm berbanding dengan purata ketebalan sebenar *road base aggregate* dan *premix* adalah 352mm dan 55mm masing-masingnya. Perkara ini telah dibangkitkan oleh perunding dan JPSS pada 12 Mac 2009 dan kontraktor telah mengambil tindakan dengan menambahkan ketebalan *premix* tersebut. Bagaimanapun, ujian *coring* yang dijalankan semula oleh makmal bahan swasta pada 4 November 2009 mendapati sampel *coring premix* patah. Ini adalah kerana ikatan atau *bonding* antara 2 lapisan *premix* yang telah diturap tidak cukup kuat. Keadaan ini boleh menjejaskan kekuatan *pavement* yang telah diturap. Oleh itu, tindakan kontraktor untuk menambah ketebalan *premix* tidak dapat menjamin kemampatan sepanjang jalan tersebut. Contoh sampel *coring premix* yang patah adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 19.5



***Chainage 045m**, Jalan Kg. Kuala Lawas - Sampel Coring Premix Yang Patah (Sumber: Rekod JPSS)*

GAMBAR 19.6



***Chainage 050m**, Jalan Kg. Kuala Lawas - Sampel Coring Premix Yang Patah (Sumber: Rekod JPSS)*

GAMBAR 19.7



***Chainage 1+270m**, Jalan Kg. Kuala Lawas - Sampel Coring Premix Yang Patah (Sumber: Rekod JPSS)*

GAMBAR 19.8



***Chainage 420m**, Jalan Kg. Kuala Lawas - Sampel Coring Premix Yang Patah (Sumber: Rekod JPSS)*

b. Bagi Jalan Krokong/Pedaun Bawah/Pangkalan Tebang Bau, ketebalan *road base aggregate* yang ditetapkan adalah 500mm berbanding dengan purata ketebalan sebenar *road base aggregate* adalah 369mm. Pada 22 Disember 2010, JKR Bahagian Kuching telah mengeluarkan surat mengarahkan kontraktor melakukan penurapan semula mengikut spesifikasi. Bagaimanapun, kontraktor memaklumkan bahawa jalan tersebut dikekalkan kerana jalan berkenaan adalah jalan lama dan pihak kontraktor hanya menambah ketebalan *premix.*

c. Bagi projek penurapan Jalan Kg. Sebandi Ulu Bau, ketebalan *road base aggregate* yang ditetapkan adalah 500mm berbanding dengan purata ketebalan sebenar *road base aggregate* adalah 418mm. Pada 10 Disember 2010, JKR Bahagian Kuching telah meminta pandangan daripada Ibu Pejabat JKRS berhubung perkara tersebut. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada Ibu Pejabat JKRS telah memberi maklum balas kerana tiada dokumen dikemukakan semasa pengauditan dijalankan. Semakan Audit selanjutnya mendapati Arahan Perubahan Kerja untuk mengurangkan skop kerja bernilai RM42,945 telah dikeluarkan oleh JKR Bahagian Kuching pada 1 Februari 2011.

Maklum Balas Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Yang Diterima Pada 26 Jun 2012

Kesemua sampel coring bagi projek Jalan Kg. Kuala Lawas telah mencatatkan ketebalan keseluruhan premix yang sama atau melebihi ketebalan keseluruhan 100mm yang ditetapkan iaitu dengan catatan di antara 100mm sehingga 130mm selepas tindakan penambahan premix dilaksanakan. Kelemahan kawalan kualiti di tapak adalah diakui dan pemisahan antara 2 lapisan bitumen ini berkemungkinan disebabkan oleh ikatan atau bonding antara 2 lapisan ini yang tidak cukup kuat. Manakala bagi projek Jalan Krokong/Pedaun Bawah/Pangkalan Tebang Bau, pihak kontraktor telah menambah premix dan ujian coring telah dibuat oleh pihak JKR. Bagi projek penurapan Jalan Kg. Sebandi Ulu Bau, kontraktor telah menambah premix mengikuti kehendak spesifikasi.

Pada pendapat Audit, *road base aggregate* dan *premix* hendaklah dipadatkan mengikut spesifikasi kontrak untuk memastikan jalan yang dibina atau dinaiktarafkan menepati standard dan kualiti yang ditetapkan. Arahan Perubahan Kerja bagi mengurangkan skop kerja kerana *road base aggregate* tidak wajar dikeluarkan. Sepatutnya, ketebalan *road base aggregate* ditambah bagi memastikan ketebalan mengikut spesifikasi kerana *road base aggregate* adalah merupakan asas untuk menyokong kekuatan.

19.5.2.3. Projek Jalan Yang Baru Siap Telah Rosak

Mengikut Arahan Teknik (J) 5/85 Pindaan 1/1993 yang dikeluarkan oleh JKR, jalan yang baru siap dibina dan dinaiktarafkan sepatutnya tahan bagi tempoh yang berpatutan antara 10 hingga 20 tahun mengikut reka bentuk jika ianya dibina dan dinaiktarafkan mengikut piawaian yang ditetapkan.

a. Lawatan Audit ke 17 tapak projek mendapati sebanyak 7 jalan yang baru siap dan masih lagi dalam tempoh tanggungan kecacatan telah rosak disebabkan oleh bahan binaan yang digunakan dan tahap kemahiran pekerja tidak mengikut piawaian yang ditetapkan. Keadaan ini mengganggu keselesaan pengguna jalan tersebut. Contoh jalan yang baru siap tetapi telah rosak adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 19.9



Jalan Kg. Mujat, Mongkos, Bahagian Samarahan
- Permukaan Jalan Rosak
(Berlubang Di Bahagian Tengah Jalan)
(13.12.2011)

GAMBAR 19.10



Jalan Kg. Mujat, Mongkos, Bahagian Samarahan
- Permukaan Jalan Rosak
(13.12.2011)

GAMBAR 19.11



GAMBAR 19.12



Jalan Dari Simpang Punang Ke Kuala Lawas (Kg. Noor Islam), Bahagian Limbang
- Tepi Jalan Rosak
(25.11.2011)

GAMBAR 19.13



Jalan Kg. Kuala Lawas, Bahagian Limbang
- Permukaan Jalan Rosak
(25.11.2011)

GAMBAR 19.14



Jalan Dari Simpang Ladang Baru Ke
Kg. Luangan, Lawas, Bahagian Limbang
- Permukaan Jalan Rosak
(25.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Yang Diterima Pada 26 Jun 2012

Projek Menaiktarafkan Jalan Mujat, Mongkos (Fasa I) yang siap dinaiktarafkan telah digunakan oleh kontraktor yang sedang menjalankan kerja projek Menaiktarafkan Jalan Kg. Mujat, Mongkos (Fasa II), Bahagian Samarahan dan pihak kontraktor telah memperbaiki kerosakan tersebut. Manakala projek Jalan Dari Simpang Ladang Baru Ke Kg. Luangan telah tamat tempoh tanggungan kecacatan pada bulan April 2012. Tiga surat amaran bertarikh 14 November 2011, 8 Februari 2012, dan 10 Mei 2012 telah dihantar kepada kontraktor untuk memperbaiki kerosakan tersebut. Kontraktor telah gagal untuk membuat kerja-kerja pembaikan dan oleh itu, pihak JKRS akan mengarah kerja-kerja tersebut disiapkan oleh pihak ketiga dan kos akan ditolak dari wang jaminan kontraktor utama.

Projek Jalan Dari Simpang Punang Ke Kuala Lawas (Kg. Noor Islam) masih dalam tempoh tanggungan kecacatan yang akan tamat pada bulan Jun 2012. Kontraktor akan memperbaiki kerosakan jalan tersebut sebelum menyerahkan kepada JKR pada bulan Jun 2012. Projek Jalan Kg. Kuala Lawas telah disiapkan pada 5 Disember 2008 dan tempoh tanggungan kecacatan telah berakhir pada 5 Disember 2009. Bagaimanapun, tiada sebarang kerja penyenggaraan dilakukan oleh pihak JPSS selepas berakhirnya tempoh tanggungan kecacatan sehingga ianya diserahkan kepada pihak JKR Sarawak pada 28 Januari 2011. Kerosakan ini akan diperbaiki melalui kerja penyenggaraan.

b. Pihak Audit juga mendapati 2 projek iaitu projek penurapan Jalan Krokong/Pedaun Bawah/Pangkalan Tebang, Bau dan projek penurapan Jalan Kg. Sebandi Ulu, Bau yang baru siap dibina dan masih dalam tempoh tanggungan kecacatan telah dirosakkan oleh kontraktor yang melaksanakan pemasangan paip air bagi Projek Bekalan Air Wilayah Bau/Lundu/Sematan. Keadaan Jalan Kg. Sebandi Ulu, Bau adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 19.15



Jalan Kg. Sebandi Ulu, Bau
- Paip Air Yang Diletakkan Di Tepi Jalan
(20.10.2011)

GAMBAR 19.16



Jalan Kg. Sebandi Ulu, Bau
- Kerja Mengorek Bahu Jalan Untuk Memasang Paip Air
(20.10.2011)

Maklum Balas Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Yang Diterima Pada 26 Jun 2012


Agensi pelaksana telah mengambil maklum tentang perlunya kerjasama yang lebih erat antara agensi dalam pelaksanaan sesuatu projek untuk memastikan projek dapat disiapkan dengan memuaskan tanpa menjejaskan keselamatan dan keselesaan pihak pengguna. Projek Bekalan Air yang dilaksanakan di Jalan Ulu Sebandi telah siap dilaksanakan dan kerosakan bahu jalan akibat kerja pembinaan juga telah dibaiki.

Pada pendapat Audit, jalan baru dan jalan yang telah dinaiktarafkan tidak sepatutnya mudah rosak dan boleh digunakan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut reka bentuknya. Sehubungan itu, agensi pelaksana hendaklah memastikan sebarang kerja yang dilakukan oleh kontraktor lain di jalan berkenaan tidak merosakkan jalan serta membaiki segera semua kerosakan yang berlaku terhadap jalan tersebut.

19.5.3. Maklum Balas Pengguna Jalan Mengenai Kualiti, Keselamatan, Keselesaan Dan Perabot Jalan

19.5.3.1. Semakan Audit mendapati projek jalan baru yang dibina dan yang dinaiktarafkan telah mencapai objektif seperti yang telah ditetapkan kerana penduduk di luar bandar Negeri Sarawak telah dapat menikmati kemudahan jalan raya yang disediakan. Perkara ini telah disahkan hasil daripada kajian kepuasan pelanggan melalui soal selidik dan temu bual pasukan Audit dengan pengguna jalan di kawasan sampel audit projek ini di luar bandar Negeri Sarawak. Sebanyak 65 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden dari Bahagian Kuching, Limbang, Miri dan Samarahan. Analisis Audit terhadap maklum balas mendapati seramai 46 responden (70.1%) berpendapat kualiti projek jalan adalah memuaskan dan hanya seramai 16 responden (24.6%) berpendapat ia adalah tidak memuaskan. Manakala seramai 40 responden (61.5%) berpendapat keselamatan jalan memuaskan dan 20 responden (30.8%) berpendapat keselamatan jalan tidak memuaskan. Di samping itu, didapati juga 50 responden (76.9%) berpendapat mereka selesa menggunakan jalan baru/naik taraf dan 15 responden (23.1%) berpendapat tidak selesa. Butiran lanjut mengenainya adalah seperti di carta berikut:

CARTA 19.2
MAKLUM BALAS KEPUASAN PELANGGAN MENGENAI KUALITI, KESELAMATAN DAN KESELESAAN JALAN YANG DIBINA DAN DINAIKTARAFKAN




Sumber: ***Rekod Jabatan Audit Negara***

19.5.3.2. Berdasarkan maklum balas responden, antara sebab kualiti jalan, keselamatan dan keselesaan jalan luar bandar di Negeri Sarawak tidak memuaskan adalah kerana berlaku kerosakan selepas pembinaan siap dibina; kekurangan perabot jalan seperti lampu jalan di persimpangan jalan, *guard rail* di tempat tertentu seperti selekoh jalan dan tanda jalan yang mencukupi tidak disediakan; permukaan jalan tidak rata dan terlalu curam; jalan dipenuhi dengan rumput. Selain itu, perkara yang sama juga dimaklumkan oleh penduduk tempatan kepada pasukan Audit semasa lawatan fizikal bersama pegawai pelaksana, kontraktor, perunding dan pegawai Pusat Makmal Bahan JKRS. Pada pendapat responden, 3 projek jalan yang ketara tidak memuaskan adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 19.5
MAKLUMBALAS PENGGUNA TERHADAP JALAN YANG KETARA TIDAK MEMUASKAN

PROJEK	MAKLUMBALAS
Naik Taraf Jalan Kedumpai/Kg. Sega/Kg. Sungai Indai Simunjan	Jalan terlalu berbukit, curam, cepat rosak, dan turapan bitumen nipis.
Membina Dan Menyiapkan Jalan Tebakang Melayu/Kg. Krusin, Bahagian Samarahan	Jalan tidak rata.
Naik Taraf Jalan Kg. Mujat, Mongkos, Bahagian Samarahan	Jalan cepat rosak, berlubang dan turapan bitumen nipis.

GAMBAR 19.17



Jalan Gumpey - Lubok Trangas, Gedong, Bahagian Samarahan
- Tepi Jalan Dipenuhi Dengan Rumput
(08.12.2011)

GAMBAR 19.18




Jalan Sg. Lingkau, Simunjan, Bahagian Samarahan
- Tepi Jalan Dipenuhi Dengan Rumput
(06.12.2011)

GAMBAR 19.19



Jalan Kg. Sebandi Ulu, Bau
- Tiada Lampu Jalan Di Persimpangan Jalan Dan Tanda Sekolah Di Hadapan Sekolah
(20.10.2011)

GAMBAR 19.20



Jalan Gahat Mawang - Kg. Daha Mawang, Serian, Bahagian Samarahan
- Tiada Guard Rail Di Selekoh Jalan
(13.12.2011)

Maklum Balas Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Yang Diterima Pada 26 Jun 2012

Kos pembinaan yang tinggi berserta dengan peruntukan yang terhad memaksa pelaksanaan projek yang sekadarnya untuk tujuan menyenangkan perhubungan kampung ke bandar-bandar terdekat dan ini menjurus kepada reka bentuk jalan yang tidak standard. Justeru itu, jalan dibina mengikut jajaran yang sedia ada dan melalui kawasan tanah yang lembut menyebabkan jajaran jalan yang dibina terlalu curam dan cepat rosak.

Untuk turapan premix yang nipis dan berlubang, adalah menjadi tanggungjawab agensi pelaksana seperti JKRS untuk memastikan pemantauan dibuat dengan teliti semasa pembinaan dan oleh itu jika terdapat kerosakan adalah menjadi tanggungjawab agensi mengarahkan kontraktor membuat tindakan pembaikan. Untuk projek Jalan Menaik Taraf Jalan Kg. Mujat Mongkos, Bahagian Samarahan, tindakan sewajarnya telah diambil dengan mengarahkan kontraktor menurap premix semula kepada jalan berkaitan.

Mengikut maklum balas JPSS, perhatian serta tindakan penambahbaikan akan diambil terhadap kelemahan dari segi aspek kualiti dan keselesaan pengguna serta akan disenggarakan sewajarnya. Selain itu, jalan yang tidak rata bagi Jalan Tebakang Melayu/Kg. Krusin hanya melibatkan jajaran KM 4+600 hingga KM 5+500 iaitu 900m daripada jumlah panjang keseluruhan jalan 5.57km. Keadaan ini disebabkan oleh keadaan tanah lembut yang memerlukan rawatan tanah (soil treatment) yang menyeluruh yang tidak dimasukkan dalam spesifikasi projek disebabkan oleh kosnya yang sangat tinggi. Bagi projek Jalan Gumpey-Lubok

Trangas pula, ia telah siap pada 1 Mac 2011 dengan Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) berakhir pada 29 Februari 2012. Isu rumput panjang di tepi jalan merupakan isu penyenggaraan yang tidak diliputi dalam kontrak kerja sepanjang tempoh DLP dan projek akan diserahkan kepada pihak JKRS bagi tujuan penyenggaraan selepas berakhirnya DLP. Manakala berkaitan dengan penyediaan lampu jalan, kebiasaannya tidak dimasukkan di bawah program Jalan Luar Bandar bagi mengelakkan berlakunya pertindihan dengan program lain serta masalah berkaitan dengan kos penyenggaraan lampu jalan serta bil elektrik yang perlu ditanggung.

Pada pendapat Audit, pihak pelaksana hendaklah memastikan jalan baru dibina dan jalan yang dinaiktarafkan mematuhi standard yang telah ditetapkan dan memenuhi kehendak pengguna dari segi kualiti, keselamatan dan keselesaan. Perabot jalan seperti lampu jalan hendaklah disediakan di persimpangan jalan, *guard rail* dipasang di selekoh jalan, tanda kilometer jalan disediakan dan rumput di tepi jalan dipotong mengikut jadual. Di samping itu, sungguhpun kerja penyenggaraan tidak diliputi dalam tempoh tanggungan kecacatan, agensi pelaksana perlu memastikan jalan disenggarakan untuk keselesaan pengguna.

19.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan rakyat di kawasan yang diaudit menikmati kemudahan jalan raya yang berkualiti dan pelaksanaan projek yang lebih teratur pada masa akan datang, adalah disyorkan supaya pihak yang bertanggungjawab melaksanakan perkara seperti berikut:

19.6.1. KKLW hendaklah memastikan setiap projek pembinaan jalan baru/naik taraf dirancang dengan teliti dan menyeluruh supaya projek dapat dilaksanakan dengan lancar tanpa sebarang gangguan.

19.6.2. Agensi pelaksana hendaklah merancang secara holistik supaya projek jalan baru/naik taraf jalan mempunyai skop kerja yang menyeluruh supaya objektif projek ini tercapai dan memberi *value for money* serta *outcome* kepada pengguna.

19.6.3. Agensi pelaksana hendaklah memastikan setiap projek jalan baru/naik taraf yang dilaksanakan menepati spesifikasi, standard dan kualiti yang ditetapkan dan seterusnya boleh memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya.

19.6.4. Agensi pelaksana dan pihak perunding hendaklah memantau pelaksanaan projek jalan baru/naik taraf dengan memastikan kawalan kualiti dilakukan sepanjang proses pembinaan sehingga *Certificate of Practical Completion* (CPC) dikeluarkan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 139-145
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

20. JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
- PENGURUSAN OPERASI EMPANGAN

20.1. LATAR BELAKANG

20.1.1. Empangan dibina mempunyai pelbagai fungsi dan keperluan antaranya tebatan banjir, pengairan ke kawasan pertanian, keperluan bekalan air mentah, penjanaan kuasa dan penahan keladak. Sesebuah struktur empangan yang telah siap dibina memerlukan pengendalian (operation), penyenggaraan (maintenance) dan pemantauan serta pemeriksaan yang teratur mengikut prosedur yang ditetapkan oleh manual empangan agar keselamatannya dapat dijamin setiap masa. Kegagalan pengurusan sesuatu empangan boleh mengakibatkan impak yang signifikan termasuk kehilangan nyawa dan harta benda, kelumpuhan ekonomi dan kerosakan alam sekitar.

20.1.2. Setakat 31 Disember 2011, terdapat 16 buah empangan yang beroperasi di bawah kendalian Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) di Semenanjung Malaysia seperti di **Jadual 20.1**. Empangan tersebut siap dibina antara tahun 1906 hingga 2004. Selain empangan yang beroperasi di bawah kendalian JPS, terdapat juga empangan lain yang dibina dan operasinya dikendalikan oleh pihak lain seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Pihak Berkuasa Bekalan Air Negeri dan Pihak Berkuasa Pertanian.

20.1.3. Empangan dikategorikan berdasarkan kepada tahap bencana yang akan dihadapi apabila berlakunya kegagalan empangan. Tahap bencana diklasifikasikan berdasarkan kepada risiko terhadap kehilangan nyawa, kerosakan harta benda dan alam sekitar serta kelumpuhan kegiatan ekonomi. Sejumlah 9 (56.3%) daripada empangan di bawah kendalian JPS diklasifikasikan sebagai Tahap I yang bermaksud Tahap Bencana Tinggi di mana ia melibatkan risiko kehilangan nyawa; 5 (31.3%) empangan pula diklasifikasikan sebagai Tahap II atau Tahap Bencana Ketara di mana ia menjejaskan kegiatan ekonomi, harta benda dan alam sekitar tanpa melibatkan kehilangan nyawa. Manakala 2 (12.4%) empangan diklasifikasikan sebagai Tahap III iaitu Tahap Bencana Rendah yang hanya menjejaskan kegiatan ekonomi.

JADUAL 20.1
SENARAI EMPANGAN YANG BEROPERASI DI BAWAH KENDALIAN JPS

NAMA EMPANGAN	TAHUN DIBINA	KOS PEMBINAAN (RM Juta)	KAPASITI (Juta m^3)	TAHAP BENCANA	FUNGSI/ KEGUNAAN
Empangan Bukit Merah Kerian, Perak	1906	1.60	75.0	Tinggi	Pengairan dan Bekalan Air
Empangan Repas Lama Bentong, Pahang	1925	TM	0	Rendah	Tahanan Keladak
Empangan Labong Mersing, Johor	1949	TM	12.0	Ketara	Pengairan dan Bekalan Air
Empangan Gopeng Kinta, Perak	1961	TM	TM	Rendah	Tahanan Keladak
Empangan Repas Baru Bentong, Pahang	1963	TM	0.4	Ketara	Tahanan Keladak
Empangan Padang Saga Langkawi, Kedah	1964	0.24	0.2	Ketara	Pengairan, Bekalan Air dan Tebatan Banjir
Empangan Bukit Kwong Pasir Mas, Kelantan	1979	5.68	14.3	Tinggi	Pengairan dan Bekalan Air
Empangan Macap Kluang, Johor	1982	15.60	30.6	Ketara	Bekalan Air dan Tebatan Banjir
Empangan Sembrong Batu Pahat, Johor	1984	24.00	18.0	Tinggi	Bekalan Air dan Tebatan Banjir

NAMA EMPANGAN	TAHUN DIBINA	KOS PEMBINAAN (RM Juta)	KAPASITI (Juta m^3)	TAHAP BENCANA	FUNGSI/ KEGUNAAN
Empangan Pontian Rompin, Pahang	1985	16.00	40.0	Ketara	Pengairan dan Bekalan Air
Empangan Anak Endau Rompin, Pahang	1985	9.70	38.0	Tinggi	Pengairan dan Bekalan Air
Empangan Batu Gombak, Selangor	1987	19.70	36.6	Tinggi	Bekalan Air dan Tebatan Banjir
Empangan Bekok Batu Pahat, Johor	1990	22.00	32.0	Tinggi	Bekalan Air dan Tebatan Banjir
Empangan Timah Tasoh Perlis	1992	24.50	40.0	Tinggi	Pengairan, Bekalan Air dan Tebatan Banjir
Empangan Perting Bentong, Pahang	2003	TM	TM	Tinggi	Tahanan Keladak
Empangan Beris Sik, Kedah	2004	188.51	122.4	Tinggi	Pengairan, Bekalan Air dan Tebatan Banjir

Nota: ***TM - Tiada Maklumat Dikemukakan Oleh JPS***

20.1.4. Pengurusan operasi empangan meliputi 5 aspek utama iaitu pengendalian empangan melibatkan pengendalian peralatan serta struktur operasi empangan; penyenggaraan empangan; pemantauan keselamatan empangan (pemantauan instrumentasi, pemantauan terhadap pemendapan keladak dalam kolam takungan dan pemantauan kawasan tadahan dan kolam takungan); pemeriksaan keselamatan; dan penyediaan Pelan Tindakan Kecemasan bagi menangani kecemasan dan kejadian luar biasa.

20.1.5. Pengurusan operasi empangan melibatkan pelbagai peringkat seperti berikut:

a. Bahagian Sumber Air, Saliran dan Hidrologi, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (Kementerian) - bertanggungjawab antaranya untuk merangka, menyelaras dan menilai dasar berkenaan Pengurusan Sumber Air Negara.

b. Bahagian Reka Bentuk dan Empangan, Ibu Pejabat JPS - bertanggungjawab antaranya untuk memastikan keselamatan empangan; menyediakan reka bentuk khusus untuk membaiki/memulihkan struktur/komponen empangan yang bermasalah; mengendalikan masalah struktur yang tidak berfungsi dan mengkoordinasi pengawasan keselamatan ke atas struktur utama empangan.

c. Seksyen Empangan, Ibu Pejabat JPS - bertanggungjawab untuk membantu semua pengendali empangan JPS dalam pengawasan keselamatan empangan; pemeriksaan keselamatan empangan serta mengeluarkan prosedur, piawaian dan garis panduan yang berkaitan dengan keselamatan empangan.

d. Pejabat Tapak Empangan (PTE) di negeri - bertanggungjawab untuk memastikan empangan dikendalikan dengan selamat mengikut peraturan yang ditetapkan; menjalankan kerja penyenggaraan dan pemeriksaan mengikut manual atau *Standard Operating Procedur*e (SOP) yang disediakan; mengumpul data instrumentasi bagi tujuan pemantauan; mengeluarkan amaran sekiranya berlaku kecemasan; bekerjasama dengan pihak keselamatan dan bencana negeri.

e. Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal, JPS - bertanggungjawab secara langsung dalam kerja pembaikan dan penyenggaraan peralatan mekanikal dan elektrikal yang terdapat di empangan.

20.1.6. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) sejumlah RM34.4 juta telah dibelanjakan bagi aktiviti pengawasan dan pemulihan empangan. Manakala bagi *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) tiada peruntukan diluluskan.

20.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan operasi empangan JPS telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

20.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan operasi empangan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan telah dijalankan di pejabat Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (Kementerian); Ibu Pejabat JPS; Pejabat Rancangan Pembangunan Sumber Air (Beris) Kedah; JPS Negeri Johor; dan Pejabat JPS Daerah Batu Pahat dan Kluang. Pemilihan empangan untuk lawatan fizikal adalah berdasarkan tahap bencana, fungsi dan usia empangan seperti di Empangan Bekok, Macap, Sembrong, Johor; dan Empangan Beris, Kedah.

20.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan projek; lawatan fizikal ke Pejabat Tapak Empangan; serta temu bual dengan pegawai dan penduduk sekitar lokasi empangan juga diadakan untuk mendapatkan maklum balas terhadap pengurusan operasi empangan.

20.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati secara keseluruhan pengurusan operasi empangan berada pada tahap memuaskan di mana pemantauan dan kerja penyenggaraan kecil telah dilaksanakan; penghantaran data instrumentasi dan Laporan Pemeriksaan Keselamatan Berkala telah dilaksanakan mengikut tempoh. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan untuk penambahbaikan. Antara kelemahan yang ditemui dari aspek pengendalian operasi empangan, pengurusan penyenggaraan dan pemantauan adalah seperti berikut:

i. kelewatan mengambil tindakan pengemaskinian Manual Operasi dan Penyenggaraan (Manual);
ii. ketiadaan *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi pengendalian peralatan/komponen hidraulik;
iii. dokumen *Emergency Action Plan* (EAP) yang disediakan tidak menyeluruh dan latihan kecemasan belum pernah dilaksanakan;
iv. permukaan kolam takungan dan pintu air empangan tidak disenggarakan dan penyenggaraan rutin tidak dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan;
v. instrumentasi di empangan tidak dapat dikesan;
vi. 46.4% instrumentasi di empangan yang dilawati mengalami kerosakan dan tidak dibaiki;
vii. kawasan kolam dan kawasan takungan telah dicerobohi;
viii. kerja pemantauan keladak tidak pernah dilaksanakan sejak tahun 2000;
ix. pewartaan dan penukaran hak milik tanah rizab yang diambil alih belum dibuat sepenuhnya; dan
x. tiada satu badan kawal selia empangan untuk memantau dan mengawal pengurusan operasi semua empangan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas pihak terlibat adalah seperti di perenggan berikut:

20.5.1. Prestasi Pengurusan Empangan

20.5.1.1. Pencapaian Operasi Empangan

a. Seksyen Empangan, Ibu Pejabat JPS telah melaksanakan Program Penilaian Tahap Pengurusan Pejabat Tapak Empangan yang dikenali sebagai MOMS (Management, Operational, Maintenance and Surveillance) bagi setiap empangan di bawah kendaliannya dengan memberikan tahap *rating* antara 1 hingga 10. Tujuan program ini bagi memastikan PTE dapat diuruskan dengan cekap dan teratur agar semua tanggungjawab dan peranan yang ditetapkan dapat dilaksanakan sepenuhnya. Antara elemen yang diambil kira adalah urusan hak milik; pewartaan kawasan takungan mengikut Seksyen 62, Kanun Tanah Negara dan mengikut Seksyen 4 dan 5, Akta Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan 1959; penyediaan manual penyenggaraan dan operasi; penyediaan laporan keselamatan pemeriksaan rutin; penyediaan dokumen pelan tindakan kecemasan; status pejabat tapak dan paparan maklumat; kemajuan penghantaran maklumat data instrumentasi dan hidrologi; serta struktur perjawatan. Penilaian prestasi PTE hanya dibuat bagi 15 empangan dan penilaian tidak dibuat bagi Empangan Gopeng kerana ia tidak aktif serta hanya berfungsi sebagai penahan keladak.

b. Analisis Audit mendapati kesemua 15 PTE telah mendapat *rating* di antara 5 hingga 7 bagi tahun 2011 yang menunjukkan PTE telah melaksanakan tanggungjawab dan peranan yang ditetapkan dengan memuaskan dan tiada PTE mendapat *rating* antara 8 hingga 10. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.2
PRESTASI OPERASI PEJABAT TAPAK EMPANGAN SETAKAT 31 DISEMBER 2011

EMPANGAN	PENGGAZETAN/ HAKMILIK		MANUAL O & M DIGUNA PAKAI	LPKR *	DOKUMEN EAP	PEJABAT TAPAK & PAPARAN MAKLUMAT	KEMAJUAN PENGHANTARAN DATA INSTRUMENTASI (1) DAN DATA HIDROLOGI (2)		STRUKTUR PERJAWATAN P & P (1) DAN SOKONGAN (2)		*RATING* (1 - 10)
	STATUS WARTA	HAKMILIK					1	2	1	2	
Timah Tasoh	Telah Warta (B)	Persekutuan	Asal: 1993 Draf: 2010	92%	Sementara (2010)	Baik	43%	TB	1	14	6
Beris	Dalam Proses	Negeri	Kemas Kini: Jun 2011	67%	Lengkap (1999)	Baik	79%	100%	2	13	7
Padang Saga	Belum Warta	Negeri	Asal: 1994 Draf: 2010	80%	Lengkap (1998)	Sederhana	100%	86%	1	4	6
Bukit Merah	Telah Warta (A&B)	Negeri	Kemas Kini: 2011	65%	Lengkap (1998)	Sederhana	93%	83%	2	22	7
Batu	Belum Warta	Persekutuan	Asal: 1993 Draf: 2010	85%	Lengkap (1993)	Sederhana	100%	81%	1	9	6
Bekok	Dalam Proses	Negeri	Asal: 1992 Draf: 2010	93%	Sementara (2010)	Sederhana	43%	66%	1	8	6
Sembrong	Dalam Proses	Negeri	Asal: 1992 Draf: 2010	90%	Sementara (2010)	Baik	90%	55%	1	7	7
Labong	Telah Warta (A)	Negeri	Asal: Tiada Draf: 2010	68%	Sementara (2010)	Sederhana	88%	42%	1	4	6
Macap	Telah Warta (A)	Persekutuan	Asal: 1989 Draf: 2010	32%	Sementara (2010)	Baik	88%	76%	1	6	6
Repas Lama	Belum Warta	Negeri	Asal: 1989 Draf:2010	75%	Sementara (2010)	TPT * Memuaskan	97%	83%	1	8	6

EMPANGAN	PENGGAZETAN/ HAKMILIK		MANUAL O & M DIGUNA PAKAI	LPKR *	DOKUMEN EAP	PEJABAT TAPAK & PAPARAN MAKLUMAT	KEMAJUAN PENGHANTARAN DATA INSTRUMENTASI (1) DAN DATA HIDROLOGI (2)		STRUKTUR PERJAWATAN P & P (1) DAN SOKONGAN (2)		*RATING* (1 - 10)
	STATUS WARTA	HAKMILIK					1	2	1	2	
Repas Baru	Belum Warta	Negeri	Asal: 1989 Draf:2010	75%	Sementara (2010)	TPT * Memuaskan	97%	83%	1	8	6
Perting	Belum Warta	Negeri	Asal: 2005 Draf: 2010	75%	Sementara (2010)	TPT * Memuaskan	98%	TB	1	8	6
Pontian	Belum Warta	Negeri	Asal: 1986 Draf:2010	83%	Sementara (2010)	TPT * Memuaskan	97%	100%	1	3	6
Anak Endau	Belum Warta	Negeri	Asal: 1986 Draf:2010	83%	Sementara (2010)	TPT * Memuaskan	100%	75%	1	3	5
Bukit Kwong	Telah Warta (A)	Negeri	Asal: 1994 Draf: 2010	67%	Sementara (2010)	Sederhana	92%	60%	1	5	5

Nota: *i) Status Warta: A (Seksyen 62, Kanun Tanah Negara); B (Seksyen 4 Dan 5, Akta Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan 1959)*
ii) LPKR (Laporan Pemeriksaan Keselamatan Rutin) - Bagi Tempoh Bulan Januari Hingga Disember 2011
iii) TPT (Tiada Pejabat Tapak) - Beroperasi Dari Pejabat JPS Daerah
iv) TB (Tidak Berkenaan)

Pada pendapat Audit, tahap pengurusan PTE pada keseluruhannya telah mencapai tahap yang memuaskan.

20.5.1.2. Pencapaian Kewangan

a. Bagi tempoh RMKe-9, Seksyen Empangan telah diperuntukkan sejumlah RM34.41 juta (68.9%) berbanding RM49.96 juta yang dipohon untuk kerja pemulihan dan penyenggaraan empangan. Manakala tiada peruntukan diluluskan di bawah *Rolling Plan* Pertama (RP 1), RMKe-10 walaupun sejumlah RM32 juta telah dipohon. Semakan Audit mendapati JPS telah membelanjakan kesemua peruntukan bagi RMKe-9 seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.3
KEDUDUKAN PERMOHONAN BAJET, PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN KERJA PEMULIHAN DAN PENYENGGARAAN EMPANGAN BAGI RMKe-9

BUTIRAN	NAMA PROJEK	PERMOHONAN (RM Juta)	PERUNTUKAN		PERBELANJAAN	
			(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
13400 001 0000	Pembangunan Sumber Air Pertanian - Beris	21.25	22.91	107.8	22.91	100
13500 001 0000	Pemulihan Empangan	28.71	11.50	40.0	11.50	100
JUMLAH		**49.96**	**34.41**	**68.9**	**34.41**	**100**

b. Semakan Audit juga mendapati kerja penyenggaraan adalah menjadi tanggungjawab JPS Negeri, bagaimanapun didapati tiada bukti menunjukkan satu peruntukan khusus telah dipohon dan diluluskan bagi tujuan pengendalian operasi dan penyenggaraan empangan.

c. Analisis lanjut mendapati di bawah RMKe-9, hanya 40% daripada jumlah permohonan sebenar bajet telah diluluskan bagi program Pemulihan Empangan. Manakala permohonan bajet di bawah *Rolling Plan* Pertama RMKe-10 bagi kerja-kerja Pengukuhan Keselamatan Empangan berjumlah RM55.44 juta tidak diluluskan.

d. Antara fungsi empangan juga adalah untuk menyediakan bekalan air kepada syarikat bekalan air dan didapati 12 empangan JPS menyediakan air bagi keperluan domestik dan industri (**Gambar 20.1** dan **20.2**). Adalah didapati syarikat bekalan air memperoleh bekalan air dari empangan tanpa dikenakan sebarang caj terhadap

penggunaan bekalan air yang disediakan oleh JPS. JPS perlu menjaga kuantiti dan kualiti air di kolam takungan dengan mengambil kira keperluan air oleh syarikat bekalan air di samping perlu mengurangkan kuantiti air yang boleh ditakung bagi tujuan pengawalan banjir.

GAMBAR 20.1



Empangan Sembrong, Johor
- Bangunan Syarikat Air Johor (SAJ)
(15.11.2011)

GAMBAR 20.2



Empangan Bekok, Johor
- Bangunan Syarikat Air Johor (SAJ)
Di Tepi Kolam Takungan Yang Mengepam Sendiri Air Ke Loji Tanpa Kawalan JPS
(16.11.2011)

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

JPS telah membuat permohonan dasar baru bagi penyenggaraan 15 buah empangan susulan daripada mesyuarat pemeriksaan bajet tahun 2013. Sejumlah RM800,000 telah dipohon bagi tujuan penyenggaraan bagi empangan Bekok, Beris, Macap dan Sembrong untuk tahun 2013. Manakala menurut maklum balas EPU, EPU hanya menyediakan perbelanjaan modal berkaitan empangan manakala perbelanjaan berkaitan pengurusan operasi empangan hendaklah dipohon di bawah perbelanjaan mengurus daripada Kementerian Kewangan dan mencadangkan JPS perlu mencari sumber lain bagi peruntukan penyenggaraan.

Pada pendapat Audit, JPS mengalami masalah kekurangan peruntukan yang kritikal untuk memastikan operasi empangan dapat dilaksanakan secara cekap dan teratur. Memandangkan tempoh hayat empangan telah mula mencapai tempoh maksimum, Kementerian dan JPS perlu mengambil langkah segera untuk mengatasi masalah kekurangan peruntukan ini.

20.5.2. Pengurusan Operasi Empangan

20.5.2.1. Pengendalian Operasi

a. Penyediaan Manual Operasi Dan Penyenggaraan

Setiap empangan perlu mempunyai Manual Operasi dan Penyenggaraan (Manual) yang digunakan sebagai panduan dan rujukan oleh Operator Empangan. Mengikut amalan terbaik pengurusan operasi empangan, Manual tersebut perlu dikemas kini sekurang-kurangnya 5 tahun sekali bagi memastikan prosedur operasi dan pengendalian empangan disesuaikan mengikut perubahan terhadap struktur empangan. Semakan Audit mendapati Manual Empangan Bukit Merah dan Beris telah dikemas kini pada tahun 2011. Manakala Manual bagi 13 empangan lain masih belum dikemas kini walaupun tempoh kegunaannya adalah antara 6 hingga 25 tahun. Kelewatan mengambil tindakan pengemaskinian manual boleh mengakibatkan prosedur serta kaedah yang diguna pakai untuk menguruskan peralatan serta struktur empangan menjadi kurang efektif seterusnya boleh menyebabkan empangan tidak dapat berfungsi pada tahap optimumnya.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

Pengemaskinian Manual hanya akan dilakukan sekiranya terdapat perubahan atau pembaharuan yang ketara terhadap mana-mana komponen struktur empangan dan keperluan fungsi empangan serta kemampuan sumber kewangan dan tenaga manusia.

b. *Standard Operating Procedure* (SOP)

Manual telah menetapkan SOP perlu disediakan dan dipamerkan di lokasi sesuatu peralatan/komponen hidraulik empangan supaya ia dapat dijadikan rujukan dan memudahkan pengendalian peralatan/komponen tersebut. Antara peralatan/ komponen hidraulik yang memerlukan SOP adalah Operasi Pintu Air Keluar; Operasi Alur Limpah; *Valve House*; *Hydraulic Hoisting System For Service & Multi-Level Gates;* dan Operasi Instrumentasi. Semakan Audit mendapati hanya Empangan Beris ada mempamerkan SOP manakala di 3 empangan lain yang dilawati tidak menyedia dan mempamerkan SOP di lokasi peralatan dan komponen. Menurut Operator Empangan, keperluan penyediaan SOP untuk peralatan dan komponen hidraulik empangan tidak dimaklumkan dan Operator Empangan mengendalikan peralatan dan komponen berkaitan berdasarkan tunjuk ajar dan pengalaman pegawai terdahulu. Ketiadaan SOP boleh menyebabkan pengendalian peralatan/komponen tidak dapat dilaksanakan seperti mana yang ditetapkan oleh manual/pengeluar dan boleh mengakibatkan peralatan/komponen hidraulik empangan tidak dapat berfungsi dengan baik.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

Elemen penyediaan SOP akan dimasukkan ke dalam senarai semak pemantauan MOMS.

c. Penyediaan Pelan Tindakan Kecemasan (EAP)

Dokumen EAP perlu disediakan antaranya untuk mengenal pasti potensi sesuatu situasi kecemasan yang boleh menyebabkan kegagalan sesuatu struktur empangan dan menggariskan prosedur yang perlu diikuti untuk menghadapi situasi kecemasan. Selain itu, adalah menjadi keperluan setiap operator empangan menjalankan latihan kecemasan secara bersepadu melibatkan Jawatankuasa Bencana Daerah berpandukan EAP bagi setiap empangan. Semakan Audit mendapati 11 (73%) daripada 15 dokumen EAP empangan yang disediakan tidak menyeluruh kerana telah disediakan secara sementara. Lawatan Audit ke 4 empangan mendapati Empangan Sembrong, Empangan Beris dan Empangan Bekok ada menyimpan dan memaparkan carta aliran kerja bagi menunjukkan tindakan yang perlu diambil oleh setiap peringkat kecemasan serta pihak yang terlibat di papan kenyataan di Pejabat Tapak Empangan masing-masing. Selain itu, semakan Audit selanjutnya mendapati latihan kecemasan belum pernah dilaksanakan bagi semua empangan di bawah seliaan JPS sejak pembinaan.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

13 empangan telah siap dibina sebelum Seksyen Empangan diwujudkan dan EAP yang lengkap tidak disediakan ketika itu kerana kurangnya kesedaran tentang kepentingan dokumen EAP. JPS merancang untuk mengemas kini EAP secara dalaman bagi 2 empangan setiap tahun. Permohonan untuk pengemaskinian EAP

ada dipohon dalam Rolling Plan Pertama RMKe-10 namun ia tidak diluluskan. Selain itu, latihan kecemasan tidak dapat dilakukan kerana masih ketiadaan dokumen EAP yang lengkap di 11 empangan dan latihan ini memerlukan perbelanjaan yang besar serta melibatkan pelbagai pihak antaranya tentera, polis, Jabatan Pertahanan Awam, RELA dan orang ramai.

Pada pendapat Audit, tahap pengendalian operasi adalah kurang memuaskan kerana sebahagian besar empangan tidak mempunyai Manual yang terkini dan dokumen *EAP* yang lengkap serta *SOP* bagi peralatan dan komponen empangan juga tidak disediakan sepenuhnya.

20.5.2.2. Penyenggaraan Empangan

Setiap empangan memerlukan penyenggaraan bagi memastikan empangan sentiasa berada dalam keadaan selamat serta berfungsi sepenuhnya seperti mana yang direka bentuk. Antara kerja penyenggaraan yang perlu dilakukan adalah Penyenggaraan Pencegahan (Preventive Maintenance) di mana ia dilaksanakan oleh Operator Empangan secara harian, mingguan, bulanan mahupun tahunan yang meliputi pelbagai aspek di setiap struktur empangan seperti di kolam takungan, kawasan operasi serta instrumentasi. Penyenggaraan Segera (Immediate Maintenance) dilaksanakan bagi menggantikan komponen peralatan dan membaiki kerosakan pada struktur empangan supaya empangan berada dalam keadaan yang kukuh dan selamat. Semakan Audit mendapati pada keseluruhannya tahap penyenggaraan kawasan operasi empangan dan kolam takungan adalah kurang memuaskan dan memerlukan tindakan penambahbaikan. Penjelasan lanjut adalah seperti di perenggan berikut:

a. Kawasan Kolam Takungan

Kolam takungan hendaklah sentiasa bersih dari sebarang kotoran, bahan buangan dan sebagainya. Ini adalah bagi menjamin air kolam takungan tidak dicemari dan tidak berlaku enapan yang berlebihan di dasar kolam. Enapan yang berlebihan di kolam takungan serta dipenuhi rumput yang terampai boleh mengurangkan kapasiti air yang boleh ditakung seterusnya boleh menjejaskan fungsi empangan. Lawatan Audit pada bulan November 2011 mendapati permukaan kolam takungan di Empangan Macap dan Sembrong adalah tidak memuaskan kerana sebahagian permukaan empangan tersebut dipenuhi pelbagai jenis rumput/tumbuhan yang terampai. Keadaan ini boleh mengakibatkan kualiti air terjejas dan kandungan oksigen dalam air berkurangan. Selain itu, terdapat bahan buangan serta bahan pembinaan yang terbiar. Butiran lanjut adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 20.3

Contoh
- Keadaan Hadapan Pintu Air Yang Sepatutnya

GAMBAR 20.4



Empangan Sembrong, Johor
- Rumput Terampai Memenuhi Kawasan Pintu Air
(15.11.2011)

GAMBAR 20.5



Empangan Macap, Johor
- Paku Pakis Telah Hidup Dengan Subur Di Hulu Kolam Takungan
(14.11.2011)

b. Kawasan Operasi Empangan

i. JPS perlu memastikan kawasan operasi empangan sentiasa disenggarakan dengan sebaiknya. Antara penyenggaraan yang patut dilakukan di kawasan operasi empangan adalah kerja pembersihan rumput/tumbuhan bagi mengelak kesukaran menjalankan kerja pengawasan dan pemantauan instrumentasi serta mengesan retakan atau resapan air; pembersihan di *toe drain*, *berm drain* bagi memastikan air tidak bertakung; pembersihan di kawasan *rip rap* untuk menghindarkan pembukaan laluan kepada resapan; dan menentukan sistem komunikasi dalam keadaan berfungsi. Pemeriksaan fizikal Audit di 4 empangan yang dilawati mendapati status penyenggaraan di empangan tersebut adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah tumbuhan/ rumput meliputi kawasan di *toe drain*, *rip rap* dan *sand blanket*; *toe drain* tersumbat; *toe drain* dan *berm drain* diliputi enapan; instrumentasi dilitupi rumput/lalang yang menyukarkan operasi pengawasan dan pengambilan data; pokok kayu di kawasan *rip rap* dan berhampiran alur limpah; tumbuhan di hadapan pintu air dan kawasan kolam dicemari bahan buangan. Selain itu didapati peralatan komunikasi di Empangan Sembrong dan Bekok tidak berfungsi. Butiran lanjut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 20.6



Empangan Utama 1A, Bekok, Johor
- Keadaan Toe Drain Yang Sepatutnya
(17.11.2011)

GAMBAR 20.7



Empangan Sembrong, Johor
- Toe Drain Yang Tersumbat
(15.11.2011)

GAMBAR 20.8



Empangan Bekok, Johor
- Toe Drain Dan Berm Drain Yang Dipenuhi Enapan Tanah
(16.11.2011)

GAMBAR 20.9



Empangan Macap, Johor
- Rumput Menutupi Kawasan Toe Drain
(14.11.2011)

GAMBAR 20.10



Empangan Bekok, Johor
- Keadaan Pinggir Kolam Takungan Yang Sepatutnya
(16.11.2011)

GAMBAR 20.11



Empangan Sembrong, Johor
- Kayu Hanyut Di Pinggir Kolam Takungan
(15.11.2011)

GAMBAR 20.12



Empangan Sembrong, Johor
- Bahan Buangan Seperti Pukat Dan Jaring Di Kawasan Pinggir Kolam Takungan
(14.11.2011)

GAMBAR 20.13



Empangan Sembrong, Johor
- Bekas Bahan Pembinaan Di Hulu Kolam Takungan
(15.11.2011)

GAMBAR 20.14



Empangan Macap, Johor
- Keadaan Rip Rap Yang Sepatutnya
(15.11.2011)

GAMBAR 20.15



Empangan Sembrong, Johor
- Anak Pokok Tumbuh Di Rip Rap Empangan Utama
(15.11.2011)



GAMBAR 20.16

Empangan Bekok, Johor
- Anak Pokok Tumbuh Di Rip Rap
(16.11.2011)

ii. Keadaan ini boleh mengakibatkan kesukaran mengenal pasti masalah berkaitan kekukuhan struktur empangan yang boleh menyebabkan operasi dan keselamatan empangan terjejas. Selain itu, ketiadaan satu dasar yang jelas berkaitan tanggungjawab dan peranan pihak JPS Ibu Pejabat dan JPS Negeri serta Operator Empangan telah mengakibatkan pelan penyenggaraan tidak dibuat dengan teratur dan menyebabkan peruntukan yang secukupnya tidak dapat disediakan oleh Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

Kerja penyenggaraan tidak dapat dilaksanakan dengan teratur kerana masalah kekurangan peruntukan tahunan serta kekurangan kakitangan di Pejabat Tapak Empangan telah menyebabkan penyeliaan terhadap setiap perubahan/keganjilan yang berlaku ke atas struktur/komponen empangan oleh Operator Empangan tidak dapat dilaksanakan dengan cekap.

Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan di 4 empangan yang dilawati tidak mengikut manual yang dikeluarkan. Perancangan lebih awal berkaitan keperluan kos penyenggaraan juga perlu dibuat bagi membantu pihak bertanggungjawab menyediakan peruntukan yang mencukupi. Memandangkan hampir 14 empangan di bawah kendalian JPS diklasifikasikan sebagai Tahap Bencana Tinggi dan Ketara di mana ia memberi impak yang besar terhadap kehilangan nyawa, kerosakan harta benda dan alam sekitar serta kelumpuhan ekonomi, adalah wajar semua empangan disenggarakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan dan diawasi sebaik mungkin bagi menjamin keutuhannya untuk jangka masa panjang.

20.5.2.3. Pemantauan Keselamatan Empangan

a. Pemantauan Instrumentasi

Semua data dan instrumentasi perlu dipantau bagi memastikan ianya sentiasa baik dan berupaya memberikan indikator sesuatu empangan sama ada berada dalam keadaan kukuh dan selamat atau sebaliknya. Jenis instrumentasi yang dibina di sesuatu empangan bergantung kepada keperluan dan teknologi semasa empangan tersebut dibina, fungsi empangan, peruntukan, reka bentuk serta saiz empangan berkenaan. Data daripada instrumentasi diambil dan dikemukakan secara *on line* melalui sistem yang dikenali sebagai Sistem Automasi Empangan atau *Dam Automation System* (DAS) kepada Seksyen Empangan di Ibu Pejabat untuk dianalisis. Semakan Audit terhadap aspek pemantauan mendapati perkara seperti berikut:

i. Sebanyak 359 (46.4%) daripada 773 instrumentasi di empangan telah mengalami kerosakan manakala 18 lagi instrumentasi tidak dapat dikesan seperti ditunjukkan di **Jadual 20.4**. Kerosakan instrumentasi yang tertumpu di

sesuatu lokasi badan empangan boleh mengakibatkan indikator awal terhadap masalah berkaitan keselamatan empangan tidak dapat dikesan. **Gambar 20.17** dan **20.18** menunjukkan instrumentasi yang rosak dan tiada bacaan diambil.

JADUAL 20.4
KEDUDUKAN INSTRUMENTASI EMPANGAN
YANG TIDAK DAPAT DIAMBIL DATA INSTRUMENTASI

EMPANGAN	NAMA INSTRUMENTASI	BILANGAN		
		SEBENAR	ROSAK/ TIADA BACAAN DIAMBIL	TIDAK DAPAT DIKESAN
Macap	*Standpipe Piezometer*	30	1	9
	Seepage	7	-	-
	Surface Settlement Markers	21	-	-
Sembrong	*Standpipe Piezometer*	36	4	8
	Surface Settlement Markers	56	-	-
	Drainage Well	77	60	1
	Blanket Discharge	14	-	-
	Pneumatic Piezometer	44	44	-
Bekok	*Standpipe Piezometer*	29	7	-
	Surface Settlement Markers	90	-	-
	Relief Well	104	102	-
	Sand Blanket	26	17	-
	Pneumatic Piezometer	74	74	-
	Hydraulic Piezometer	44	44	-
Beris	*Standpipe Piezometer*	26	1	-
	Seepage	5	-	-
	Surface Settlement Markers	29	-	-
	Vibrating Wire Piezometer	23	-	-
	Double Fluid Settlement Gauge	1	1	-
	Vibrating Wire Jointmeter	5	-	-
	Vibrating Wire Perimetric Jointmeter	12	1	-
	Vibrating Wire Strain Perimeter	4	-	-
	Inclinometer	4	-	-
	Crest Movement Markers	12	3	-
JUMLAH		**773**	**359**	**18**

Nota: ***i) Maklumat Berdasarkan Laporan Pemantauan Rutin Data Instrumentasi Bagi Tahun 2011 Dan Lawatan Tapak***
ii) Rosak (Termasuk Tersumbat; Terhalang; Kering; Tiada Bacaan; Dipenuhi Air; Penutup Relief Well Hilang)

GAMBAR 20.17



Empangan Macap, Johor
- Piezometer Rosak Dan Tidak Bertutup
(14.11.2011)

GAMBAR 20.18



Empangan Bekok, Johor
- Relief Well Yang Rosak
(16.11.2011)

ii. Semakan Audit juga mendapati tiada latihan yang merangkumi modul berkaitan pengurusan operasi empangan serta kaedah pengendalian pengambilan data instrumentasi disediakan oleh JPS.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

Latihan Hands-On bagi pengendalian instrumentasi di tapak ada diberikan kepada operator Empangan Beris dan Timah Tasoh. JPS akan meneliti kebolehlaksanaan kursus berkaitan bagi Operator Empangan.

b. Pemantauan Kawasan Tadahan Dan Kolam Takungan

i. Pemantauan ke atas kawasan tadahan dan takungan adalah bertujuan untuk mengawal peningkatan kadar air larian dan banjir ke kolam takungan serta mengawal pencemaran air. Pemantauan juga perlu dibuat terhadap aktiviti pencerobohan di kawasan rizab empangan yang mana Kerajaan Persekutuan telah membayar pampasan ke atas pengambilan tanah. Kawasan rizab empangan hendaklah bebas dari sebarang aktiviti pembangunan untuk memastikan kolam takungan tidak tercemar serta berlaku kerosakan struktur. Lawatan Audit terhadap 4 empangan iaitu Empangan Macap, Sembrong, Bekok dan Beris mendapati kesemua kawasan rizab empangan telah dicerobohi. Antara aktiviti pencerobohan yang dilakukan adalah seperti aktiviti perikanan; perladangan/pertanian (kelapa sawit, ladang getah dan sayur-sayuran); penternakan; mengepam/mencuri air; menambak/membuat benteng bagi membina jalan ke pulau; mencuri tanah serta pembinaan struktur seperti rumah kediaman, kedai, resort, jeti dan pondok rehat. Butirannya adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 20.19



Empangan Beris, Kedah
- Aktiviti Perikanan
Projek Ikan Dalam Sangkar Di Kolam Takungan
(04.10.2011)

GAMBAR 20.20



Empangan Sembrong, Johor
- Aktiviti Perikanan
Nelayan Menangkap Ikan Di Kolam Takungan
(15.11.2011)

GAMBAR 20.21



Empangan Bekok, Johor
- Aktiviti Pertanian
Ladang Sawit Di Kawasan Tadahan
(16.11.2011)

GAMBAR 20.22



Empangan Macap, Johor
- Aktiviti Pertanian
Ladang Getah Di Kawasan Tadahan
(14.11.2011)

GAMBAR 20.23



Empangan Sembrong, Johor
- Aktiviti Pertanian
Ladang Buah Markisa Di Kawasan Tadahan
(15.11.2011)

GAMBAR 20.24



Empangan Macap, Johor
- Aktiviti Penternakan
Ternakan Lembu Di Kawasan Tadahan
(14.11.2011)

GAMBAR 20.25



Empangan Bekok, Johor
- Aktiviti Penternakan
Ternakan Lembu Di Kawasan Empangan
(16.11.2011)

GAMBAR 20.26



Empangan Sembrong, Johor
- Aktiviti Mencuri Air
Pondok Pam Air Dibina Oleh Pengusaha Ladang
(15.11.2011)

GAMBAR 20.27



Empangan Macap, Johor
- Aktiviti Mencuri Air
Pam Air Di Ladang Pisang Dan Sawit
(14.11.2011)

GAMBAR 20.28



Empangan Macap, Johor
- Aktiviti Tambakan Tanah Oleh Penceroboh
Dalam Kolam Takungan Bagi Menyediakan
Jalan Ke Pulau Di Dalam Kolam Takungan
(14.11.2011)

GAMBAR 20.29



Empangan Macap, Johor
- Aktiviti Mencuri Tanah Untuk
Menambak Jalan Ke Pulau
(14.11.2011)

GAMBAR 20.30



Empangan Macap, Johor
- Penempatan Dibina Di Tepi Kolam Takungan
(14.11.2011)



GAMBAR 20.31

Empangan Sembrong, Johor
- Penempatan Dibina Di Tepi Kolam Takungan
(15.11.2011)

ii. Aktiviti pencerobohan boleh menjejaskan kawasan tadahan dan kolam takungan antaranya boleh menjejaskan kualiti air sekiranya air dari empangan tersebut berfungsi sebagai bekalan air; merosakkan struktur dan ekologi di kawasan tadahan serta kawasan takungan memandangkan pencerobohan melibatkan pembangunan tanah; menggalakkan tumbuhnya rumput dan tumbuhan lain dalam kolam takungan; berlakunya hakisan dan seterusnya mendapan di bawah dasar kolam takungan yang boleh mengurangkan kapasiti takungan sesuatu empangan; pukat dan jaring yang dipasang oleh nelayan menyukarkan pengawasan dan pemantauan di kolam takungan; dan menjejaskan kredibiliti dan imej JPS. Antara impak daripada aktiviti pencerobohan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 20.32



Empangan Beris, Kedah
- Aktiviti Bot Merosakkan Tebing Kolam Takungan
(04.10.2011)

GAMBAR 20.33



Empangan Macap, Johor
- Aktiviti Penternakan Lembu Mencemarkan Air Di Dalam Kolam Takungan
(14.11.2011)

GAMBAR 20.34



Empangan Bekok, Johor
- Aktiviti Mengambil Buah Sawit Merosakkan Jalan Di Empangan Pelana
(16.11.2011)

GAMBAR 20.35



Empangan Sembrong, Johor
- Bekas Tong Bahan Kimia Di Kolam Takungan Boleh Mengakibatkan Pencemaran
(15.11.2011)

GAMBAR 20.36



Empangan Sembrong, Johor
(15.11.2011)

GAMBAR 20.37



Empangan Macap, Johor
(14.11.2011)

- Kumbahan Najis Haiwan, Baja Dan Sebagainya Yang Mengalir Masuk Ke Kolam Takungan Menyebabkan Kandungan Nutrien Yang Tinggi Seterusnya Menggalakkan Pembiakan Rumput Dan Tumbuhan Lain Di Dalam Kolam Takungan



GAMBAR 20.38

Empangan Macap, Johor
- Pembinaan Benteng Sebagai Jalan Ke Sebuah Pulau Untuk Kegiatan Ladang Sawit Telah Mengakibatkan Sebahagian Daripada Kawasan Kolam Takungan Tidak Dapat Digunakan Lagi Dan Menyebabkan Kapasiti Kolam Takungan Berkurangan
(14.11.2011)

iii. Antara punca masalah yang ditemui adalah kerana JPS tidak dapat menentukan sempadan rizab sebenar kawasan empangan yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan; kawasan empangan tidak diwartakan sebagai kawasan larangan mengikut Akta 298 Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan; dan sebahagian kawasan operasi empangan tidak dipagari serta kurangnya kesedaran orang awam terhadap kepentingan menjaga kawasan tadahan dan kolam takungan yang boleh menjejaskan fungsi sesuatu empangan.

iv. Semakan lanjut mendapati pihak JPS ada melaksanakan beberapa tindakan secara bersepadu bagi membanteras aktiviti pencerobohan ini bersama-sama agensi lain seperti polis, tentera, Pejabat Tanah, Pejabat Daerah, Jabatan Perhutanan, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian serta Jabatan Ukur dan Pemetaan di beberapa lokasi rizab empangan di Empangan Macap dan Bekok. Butirannya adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 20.39



Empangan Bekok, Johor
- Konkrit Yang Disusun Bagi Menghalang Kemasukan Kenderaan Penceroboh
(16.11.2011)

GAMBAR 20.40



Empangan Macap, Johor
- Kolam Penternakan Katak Yang Telah Dimusnahkan
(14.11.2011)

c. Pemantauan Keladak

Pemantauan keladak perlu dijalankan untuk mendapatkan data terkini mengenai profil dasar empangan yang dapat menunjukkan tahap serta pergerakan enapan dalam kawasan takungan. Berdasarkan data tersebut, *trend* kemasukan keladak ke dalam takungan empangan dan seterusnya jangka hayat sesebuah empangan dapat diramalkan. Pemendapan keladak boleh mengurangkan kapasiti sebenar sesuatu kolam takungan seterusnya menjejaskan pelepasan air bagi pengairan dan bekalan air serta tidak dapat menyimpan kapasiti air yang sepatutnya untuk tebatan banjir. Semakan Audit mendapati data mengenai profil dasar empangan tidak pernah diambil bagi semua empangan kecuali bagi Empangan Macap yang dilakukan pada RMKe-7 (1996 - 2000). Peruntukan berjumlah RM0.60 juta di bawah RMKe-9 dan RM2.5 juta di bawah RMKe-10 telah dipohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan kerja pemantauan keladak namun permohonan bajet tersebut tidak diluluskan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap instrumentasi, kawasan tadahan, kolam takungan dan keladak tidak dapat diuruskan dengan cekap dan berkesan kerana kekurangan peruntukan, kakitangan dan kelemahan dalam penyeliaan.

20.5.2.4. Pemeriksaan Keselamatan Empangan

a. JPS telah menetapkan beberapa pemeriksaan bagi memastikan setiap empangan sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat serta berupaya beroperasi mengikut fungsinya. Pemeriksaan dikategorikan kepada Pemeriksaan Keselamatan Rutin; Pemeriksaan Keselamatan Berkala; Pemeriksaan Keselamatan Khas dan Kecemasan; Pemeriksaan Keselamatan Formal; Pemeriksaan Tahap Sedia Ada Fungsi serta Keselamatan Komponen Mekanikal dan Elektrikal. Ini termasuklah penyediaan pas keselamatan, kawalan keselamatan dan penggunaan siren.

b. Semakan Audit mendapati JPS ada menjalankan Pemeriksaan Keselamatan Rutin seperti yang ditetapkan. Bagaimanapun, didapati tidak semua Operator Empangan mengemukakan Laporan Pemeriksaan Keselamatan Rutin tersebut kepada Seksyen Empangan dalam tempoh masa yang ditetapkan iaitu pada setiap bulan berikutnya. Selain itu, semakan Audit selanjutnya mendapati Pemeriksaan Keselamatan Berkala ada dilaksanakan oleh Seksyen Empangan JPS, namun Laporan Pemeriksaan Keselamatan Berkala disediakan antara 15 hingga 145 hari. Analisis lanjut terhadap butiran Laporan Pemeriksaan Keselamatan Berkala mendapati kerosakan peralatan instrumentasi yang dilaporkan masih belum diambil tindakan pembaikan walaupun telah dibangkitkan dalam beberapa Laporan Pemeriksaan Keselamatan Berkala terdahulu.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

Tindakan susulan terhadap kerosakan yang dilaporkan lewat atau tidak dibuat disebabkan JPS mengalami masalah kekurangan peruntukan kewangan dan sumber manusia.

c. Pemeriksaan Keselamatan Formal tidak dilaksanakan kerana peruntukan yang dipohon tidak diluluskan. Pemeriksaan Tahap Sedia Fungsi Serta Keselamatan Komponen Mekanikal dan Elektrikal pula dijalankan oleh Cawangan Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal (CPME) di negeri yang berkenaan namun laporan pemeriksaan CPME tidak dikemukakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan

kepada Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal (BPME) Ibu Pejabat. Kelewatan mengemukakan laporan pemeriksaan boleh menjejaskan masa untuk mengambil tindakan pembaikan.

d. Seksyen 4 dan 5, Akta Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan 1959 telah menetapkan kawasan empangan perlu diwartakan sebagai kawasan larangan supaya tidak berlaku aktiviti sabotaj yang boleh mengancam keselamatan empangan. Selain itu, keselamatan empangan perlu diberi keutamaan supaya ianya tidak mendatangkan sesuatu bencana terutamanya kepada orang awam di sekitar dan di hilir empangan. Antara langkah yang perlu disediakan oleh Pejabat Tapak Empangan adalah seperti menyediakan pas keselamatan, kawalan keselamatan serta membunyikan siren semasa pelepasan air dari empangan. Empat empangan yang dilawati telah dikategorikan sebagai kawasan larangan. Bagaimanapun, Semakan Audit terhadap 4 empangan terlibat mendapati perkara seperti berikut:

    i. Hanya operator Empangan Beris yang menyediakan pas keselamatan bagi pelawat dan pekerja manakala Empangan Macap, Sembrong dan Bekok tidak berbuat sedemikian;

    ii. Berlaku kekurangan jawatan Pegawal Keselamatan di empangan yang mana hanya seorang Pegawal Keselamatan ditempatkan untuk Empangan Sembrong dan Bekok, berbanding 4 jawatan yang diluluskan masing-masing. Manakala bagi Empangan Macap hanya 2 jawatan Pegawal Keselamatan telah diwujudkan dan telah diisi. Analisis lanjut mendapati Pegawal Keselamatan (KP 11) yang ditempatkan hanya perlu mempunyai kelayakan antaranya Sijil Rendah Pelajaran/Penilaian Menengah Rendah dan tiada keperluan pegawai tersebut mempunyai pengalaman dalam bidang keselamatan bersenjata seperti yang diamalkan di negara lain; dan

    iii. Empangan Beris sahaja yang membunyikan siren sebelum pelepasan air dilakukan bagi memaklumkan penduduk sekitar kawasan tersebut. Manakala 3 empangan lagi tidak mempunyai siren dan penduduk berhampiran tidak mengetahui bila Operator Empangan melepaskan air. Ini adalah kerana empangan berkenaan adalah empangan lama dan tidak disediakan kemudahan siren seperti yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pemeriksaan keselamatan di Pejabat Tapak Empangan adalah memuaskan namun pihak JPS perlu menyediakan laporan dalam tempoh yang munasabah agar tindakan segera dapat diambil terhadap kerosakan instrumentasi dan kejanggalan data yang dilaporkan. Selain itu, JPS perlu mengkaji semula keperluan perjawatan di Pejabat Tapak Empangan agar keselamatan empangan lebih terjamin.

20.5.3. Pemilikan Dan Pewartaan Tanah Di Kawasan Empangan

20.5.3.1. Semakan Audit mendapati Kerajaan telah membayar pampasan dan mengambil alih tanah bagi 16 empangan namun JPS hanya dapat mengemukakan maklumat pampasan tanah bagi 5 empangan yang berjumlah RM158.24 juta. Daripada 16 empangan itu, JPS hanya mempunyai maklumat keluasan tanah yang diambil alih bagi 9 empangan dengan berkeluasan 9,519.64 hektar. Setakat 31 Disember 2011, hanya 3 empangan telah ditukar hak milik tanah kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan iaitu Empangan Timah Tasoh, Batu dan Macap manakala tanah bagi empangan lain masih atas hak milik Kerajaan Negeri. Ketiadaan maklumat lengkap berkaitan jumlah keluasan tanah dan maklumat pampasan boleh menyebabkan JPS

mengalami masalah untuk menentukan jumlah nilai aset apabila Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan mula dilaksanakan pada tahun 2015.

20.5.3.2. Seksyen 62 Kanun Tanah Negara menetapkan tanah yang diambil alih oleh Kerajaan di kawasan kolam takungan hendaklah diwartakan sebagai rizab takungan supaya kawasan takungan tersebut tidak dibuat apa-apa pembangunan yang boleh menjejaskan kolam takungan tersebut. Semakan Audit mendapati hanya 4 empangan iaitu Empangan Bukit Merah, Labong, Bukit Kwong dan Macap telah diwartakan sebagai rizab takungan manakala 12 empangan lain masih belum diwartakan. Manakala Seksyen 4 dan 5, Akta Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan 1959, menetapkan empangan JPS perlu diwartakan sebagai kawasan larangan. Tempat larangan bertujuan menjadikan kawasan empangan sebagai tempat yang selamat dari sebarang aktiviti pencerobohan, sabotaj, merosakkan struktur empangan dan sebagainya yang boleh mendatangkan bahaya dan kelumpuhan ekonomi. Semakan Audit mendapati hanya 2 empangan iaitu Empangan Bukit Merah dan Timah Tasoh telah diwartakan sebagai kawasan larangan dan tempat larangan. Kelewatan mewartakan kawasan empangan ini sebagai kawasan larangan dan tempat larangan menyebabkan Kerajaan tidak dapat merancang untuk mempertingkatkan kawalan keselamatan di kawasan empangan antaranya dengan menempatkan anggota keselamatan bersenjata. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.5
BUTIRAN BAYARAN PAMPASAN DAN STATUS PEWARTAAN TANAH

EMPANGAN	TAHUN SIAP DIBINA	KOS BAYARAN PAMPASAN TANAH (RM Juta)	KELUASAN (Hektar)	STATUS PEWARTAAN	
				MENGIKUT SEKSYEN 62 KANUN TANAH NEGARA	MENGIKUT AKTA KAWASAN LARANGAN DAN TEMPAT LARANGAN 1959
Bukit Merah	1906	TM	TM	Telah	Telah
Repas Lama	1925	TM	TM	Belum	Belum
Labong	1949	TM	1,051.18	Telah	Belum
Gopeng	1961	TM	TM	Belum	Belum
Repas Baru	1963	TM	TM	Belum	Belum
Padang Saga	1964	TM	TM	Belum	Belum
Bukit Kwong	1979	TM	TM	Telah	Belum
Macap	1982	6.86	1,190.74	Telah	Belum
Sembrong	1984	0.5	30.72	Belum	Belum
Pontian	1985	TM	2,023	Belum	Belum
Anak Endau	1985	TM	810	Belum	Belum
Batu	1987	TM	662.27	Belum	Belum
Bekok	1990	39.17	1,615.57	Belum	Belum
Timah Tasoh	1992	36.39	729.09	Belum	Telah
Perting	2003	TM	TM	Belum	Belum
Beris	2004	75.32	1,407.07	Belum	Belum
JUMLAH		**158.24**	**9,519.64**		

Nota: ***TM - Tiada Maklumat Dikemukakan***

20.5.3.3. Pewartaan kawasan takungan tidak dapat dibuat sepenuhnya mengikut Kanun Tanah Negara dan Akta Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan 1959 adalah kerana ia melibatkan pelbagai pihak yang menyebabkan masalah koordinasi antara agensi terlibat.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

Beberapa mesyuarat dan tindakan susulan antara Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian dan Pejabat Tanah dan Galian Daerah telah diadakan bagi menyelesaikan isu berkaitan pewartaan dan pemilikan tanah.

Pada pendapat Audit, maklumat berkaitan pemilikan tanah tidak diselenggarakan dengan baik dan kelewatan urusan pertukaran hak milik serta pewartaan tanah telah mengakibatkan masalah pencerobohan yang serius di kawasan tadahan dan kolam takungan empangan.

20.5.4. Badan Kawal Selia Empangan

20.5.4.1. Badan kawal selia empangan seperti *The New Zealand Society on Large* Dams *(NZSOLD)* dan *The Australian National Committee on Large Dams Incorporated (ANCOLD Inc)* bertanggungjawab antaranya untuk memelihara dan memantau pembangunan, pengurusan operasi, penyenggaraan serta pemuliharaan empangan di seluruh New Zealand dan Australia. Selain itu, badan kawal selia ini mengintegrasikan amalan terbaik melalui proses perundangan (regulatory process) dalam pengurusan operasi empangan.

20.5.4.2. Di Malaysia, pelbagai pihak terlibat dalam membina dan menguruskan empangan untuk tujuan tertentu. Antara jabatan/agensi yang terlibat adalah JPS, Jabatan Kerja Raya (JKR), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Pihak Berkuasa Bekalan Air Negeri dan Pihak Berkuasa Pertanian. Setiap pemilik empangan menguruskan empangan miliknya mengikut kaedah dan prosedur masing-masing. Semakan Audit mendapati tiada satu badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk menyelia dan memantau operasi empangan yang terdapat di Malaysia seperti yang diamalkan oleh New Zealand dan Australia.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

Kementerian telah mengambil inisiatif mengadakan mesyuarat bersama Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air untuk membincangkan isu-isu berkaitan empangan dan telah mencadangkan untuk mengaktifkan semula Jawatankuasa Empangan antara Jabatan bagi mengadakan perbincangan terperinci bersama Kementerian dan pemilik empangan lain. Satu bengkel juga telah dicadangkan untuk diadakan pada bulan Julai 2012 melibatkan semua empangan di Malaysia.

Pada pendapat Audit, Kementerian dan pihak yang terbabit perlu menilai keperluan mewujudkan satu badan kawal selia empangan bagi memastikan semua empangan diuruskan dengan cekap dan berkesan untuk menjamin keutuhan empangan.

20.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan operasi empangan dilaksanakan dengan cekap dan teratur untuk mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan supaya pihak terlibat mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

20.6.1. Kerajaan Persekutuan/Negeri perlu menyediakan peruntukan kewangan dan sumber manusia yang mencukupi terutamanya di peringkat negeri yang melibatkan PTE bagi memastikan operasi empangan dapat dilaksanakan dengan teratur.

20.6.2. Kementerian perlu mewujudkan satu dasar/polisi/tatacara berkaitan tanggungjawab dan peranan JPS di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri dalam urusan berkaitan pengendalian, penyenggaraan dan pemantauan operasi empangan.

20.6.3. Kerajaan Persekutuan/Negeri perlu menyemak semula kriteria kelayakan Pengawal Keselamatan dan pertimbangkan keperluan untuk menempatkan anggota keselamatan bersenjata untuk mengawal kawasan operasi dan kawasan tadahan empangan.

20.6.4. JPS perlu memastikan pemantauan dan penyeliaan dijalankan dengan lebih berkesan untuk mengatasi masalah pencerobohan tanah milik JPS serta memastikan masalah kerosakan instrumentasi diatasi segera.

20.6.5. JPS perlu mengadakan program kesedaran kepada orang awam melalui media massa dan elektronik berkaitan implikasi aktiviti pencerobohan terhadap kawasan tadahan dan kolam takungan.

20.6.6. Kementerian perlu mengemas kini maklumat berkaitan pemilikan tanah kerana maklumat tersebut diperlukan apabila Kerajaan melaksanakan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan mulai tahun 2015.

20.6.7. Kementerian perlu menyelaras urusan pemilikan dan pewartaan tanah memandangkan antara agensi terlibat seperti JPS, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian adalah juga di bawah seliaan Kementerian.

20.6.8. Kerajaan Persekutuan perlu menilai keperluan mewujudkan satu badan kawal selia empangan bagi memastikan semua empangan diuruskan dengan cekap dan berkesan untuk menjamin keutuhan empangan.

20.6.9. Kerajaan disyorkan mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri, JPS Negeri dan syarikat bekalan air untuk memohon syarikat bekalan air menyediakan sejumlah peruntukan setiap tahun bagi tujuan penyenggaraan dan pemulihan empangan untuk menampung kekurangan peruntukan dan dana tersebut diuruskan melalui akaun amanah.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 146-154 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

21. JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
- PENGURUSAN PROJEK SALIRAN BANDAR

21.1. LATAR BELAKANG

21.1.1. Pengurusan air larian hujan (Storm Water Management) di bandaran adalah penting bagi mengatasi masalah banjir kilat dan pencemaran air akibat daripada aktiviti perbandaran yang pesat. Sehubungan itu, Kerajaan melaksanakan projek saliran bandar bagi menguruskan air larian hujan melalui langkah pencegahan bagi menangani masalah banjir kilat dengan cekap dan berkesan. Sistem saliran bandar ialah satu rangkaian saluran yang bermula dari parit kawasan rumah, ke parit ketiga (tertiary) dan kedua (secondary) hinggalah ke parit utama dan terus ke sungai yang berhampiran seperti di rajah berikut:

RAJAH 21.1
CONTOH JAJARAN PARIT UTAMA, KEDUA (SECONDARY) DAN KETIGA (TERTIARY)



Sumber: Google Map

21.1.2. Sistem saliran bandar dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) melalui 2 kaedah iaitu secara sistem konvensional (rapid disposal) dan sistem saliran bandar berkonsepkan mesra alam. Sistem konvensional mengamalkan konsep pengaliran cepat yang lebih bersifat setempat (localized in nature) dan untuk satu fungsi sahaja iaitu bagi kawalan kuantiti air (single function), manakala sistem saliran bandar berkonsepkan mesra alam dilaksanakan melalui konsep kawalan kuantiti dan kualiti air larian hujan di peringkat punca (control at source) dan memberikan penekanan untuk mengekalkan kadar aliran air sebagaimana sebelum pembangunan. Konsep mesra alam ini adalah berdasarkan kepada Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) untuk mencegah bencana banjir kilat, banjir lumpur dan pencemaran sungai. Manual tersebut digunakan dalam penyediaan reka bentuk sistem saliran bagi pembangunan tanah mulai bulan Januari 2001, menggantikan *Urban Drainage Design Standards and Procedures for Peninsular Malaysia, 1975.*

21.1.3. Pelaksanaan projek saliran bandar melibatkan pelbagai peringkat. Bahagian Sumber Air, Saliran dan Hidrologi, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (Kementerian) bertanggungjawab untuk merangka, menyelaras dan menilai dasar MSMA selaras dengan Dasar Pengurusan Sumber Air Negara serta memantau projek secara mikro. Manakala

Bahagian Saliran Mesra Alam, JPS Ibu Pejabat pula bertanggungjawab untuk merancang, melaksana, menyenggara, memantau dan menilai semua projek saliran bandar (mesra alam) yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Bagi negeri yang tidak mempunyai kakitangan profesional atau teknikal yang mencukupi, perancangan dan pelaksanaan dibuat di JPS Ibu Pejabat manakala penyenggaraan, pemantauan dan penilaian dijalankan di peringkat negeri atau daerah mengikut saiz dan kompleksiti sesuatu projek. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9), sejumlah RM130.79 juta di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan telah dibelanjakan untuk melaksanakan projek saliran bandar di seluruh negara.

21.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Projek Saliran Bandar telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

21.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan Projek Saliran Bandar di bawah RMKe-9. Pengauditan telah dijalankan di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (Kementerian), JPS Ibu Pejabat, JPS Negeri dan Daerah di Johor (Kulai, Muar dan Segamat), Melaka, Kedah (Sg. Petani) dan Terengganu (Kemaman). Pemilihan projek adalah berdasarkan kategori projek yang telah disiapkan bagi menilai pencapaian objektif projek. Senarai projek yang dilawati adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.1
SENARAI PROJEK SALIRAN BANDAR YANG DILAWATI

NEGERI	NAMA PROJEK	TARIKH SIJIL PERAKUAN KERJA SIAP	TEMPOH PENGGUNAAN* (Bulan)	NILAI KONTRAK (RM Juta)
Kedah	Menaik taraf Kolam Komuniti Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Taman Ria, Sungai Petani, Kedah (Projek Kolam Komuniti Taman Ria)	26.06.2009	30	3.04
	Menaik taraf Kolam Komuniti Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Taman Keladi, Sungai Petani, Kedah (Projek Kolam Komuniti Taman Keladi)	06.09.2009	31	3.01
Melaka	Menaik taraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Kawasan Melaka Bandaraya Bersejarah Fasa I (Projek Sistem Saliran Bandar Melaka)	22.02.2011**	10	28.88***
Johor	Membina Dan Menyiapkan Projek Saliran Bandar Kulai, Johor (Fasa I) (Projek Saliran Bandar Kulai Fasa I)	10.02.2009	32	2.51
	Membina Dan Menyiapkan Projek Saliran Bandar Kulai, Johor (Fasa II) (Projek Saliran Bandar Kulai Fasa II)	30.03.2010	21	4.22
	Projek Saliran Bandar Tangkak Jalan Sialang Fasa 1, Tangkak, Muar, Johor (Projek Saliran Bandar Jalan Sialang)	09.09.2008	40	3.66
	Membina dan menyiapkan Projek Saliran Bandar Labis, Segamat, Johor (Projek Saliran Bandar Labis)	21.08.2008	40	1.01
Terengganu	Membina dan Menyiapkan Saliran Bandar Chukai, Kemaman, Terengganu (Projek Saliran Bandar Chukai, Kemaman)	28.11.2009	25	13.85
JUMLAH				**60.18**

Nota: ***(*) - Tempoh Penggunaan Setakat 31 Disember 2011***
(**) - Tarikh Perakuan Pendudukan Separa Bagi 4 Daripada 7 Lokasi Projek
(***) - Penyata Akaun Muktamad Masih Belum Disediakan

21.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan projek di bawah RMKe-9. Lawatan ke tapak projek telah diadakan bagi menilai pengurusan dan pencapaian objektif projek. Temu bual dengan pegawai dan penduduk sekitar lokasi projek juga diadakan untuk mendapatkan maklum balas terhadap pelaksanaan dan keberkesanan projek.

21.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati pelaksanaan projek di beberapa lokasi telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan iaitu untuk mengatasi masalah pengurusan air larian hujan seperti mengurangkan kejadian banjir kilat dan mengawal kualiti air daripada tercemar. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa lokasi projek yang mengalami masalah kawalan terhadap kuantiti dan kualiti air. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

i. beberapa komponen saliran yang dipasang/dibina seperti kolam takungan, saluran serta kawalan sampah dan kelodak tidak dapat berfungsi seperti mana yang dikehendaki kerana banjir masih berlaku di lokasi pembinaan;
ii. kualiti air tercemar;
iii. komponen yang dipasang terbiar usang dan tidak digunakan lagi;
iv. kapasiti takungan air larian hujan berkurangan;
v. komponen diubah suai/diganti kerana tidak sesuai digunakan;
vi. kolam takungan MSMA tiada kawalan sampah dan kelodak;
vii. parit tidak dapat mengalirkan air dengan sempurna dan komponen yang telah dibayar tidak digunakan; dan
viii. kajian Pelan Induk yang telah disediakan tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas JPS adalah seperti di perenggan berikut:

21.5.1. Prestasi Projek

21.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

Berdasarkan maklumat yang dikemukakan didapati bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010, JPS telah merancang untuk melaksanakan 93 projek dan sejumlah 71 projek (76.3%) telah berjaya dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Manakala sejumlah 21 projek (22.6%) telah dilaksanakan dengan lanjutan masa serta satu projek telah dibatalkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.2
PRESTASI FIZIKAL PROJEK SALIRAN BANDAR DI BAWAH RMKe-9

NEGERI	BIL. PROJEK DIRANCANG	SIAP		TIDAK DILAKSANAKAN
		IKUT TARIKH ASAL	DENGAN EOT	
Perlis	3	2	1	-
Kedah	2	1	1	-
Pulau Pinang	8	6	2	-
Perak	3	1	2	-
Selangor	7	4	2	1
Wilayah Persekutuan	10	7	3	-
Negeri Sembilan	2	1	1	-
Melaka	1	-	1	-

NEGERI	BIL. PROJEK DIRANCANG	SIAP		TIDAK DILAKSANAKAN
		IKUT TARIKH ASAL	DENGAN EOT	
Johor	9	8	1	-
Pahang	16	16	-	-
Terengganu	4	3	1	-
Kelantan	8	3	5	-
Sabah	19	19	-	-
Sarawak	1	-	1	-
JUMLAH	**93**	**71**	**21**	**1**

Pada pendapat Audit, pencapaian fizikal projek secara keseluruhannya adalah memuaskan kerana 71 (76.3%) projek telah dapat disiapkan dalam tempoh asal kontrak.

21.5.1.2. Pencapaian Kewangan

Di bawah RMKe-9, JPS telah mendapat peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM137.93 juta bagi melaksanakan projek saliran bandar untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah berhubung pengurusan air larian hujan. Berdasarkan kepada maklumat yang dikemukakan didapati bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010, JPS telah berjaya membelanjakan sejumlah RM130.79 juta (94.8%) daripada RM137.93 juta peruntukan yang diterima seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.3
PRESTASI PERBELANJAAN PROJEK DI BAWAH RMKe-9

NEGERI	JUMLAH KESELURUHAN RMKe-9		PRESTASI PERBELANJAAN (%)
	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	
Perlis	2.71	2.67	98.7
Kedah	7.15	6.76	94.5
Pulau Pinang	3.34	3.09	92.6
Perak	8.69	7.57	87.2
Selangor	9.63	8.89	92.3
Wilayah Persekutuan	3.00	3.00	99.9
Negeri Sembilan	3.95	2.59	65.6
Melaka	53.35	53.00	99.3
Johor	4.61	4.52	98.1
Pahang	2.62	2.49	95.2
Terengganu	16.83	16.68	99.1
Kelantan	11.66	10.65	91.3
Sabah	3.15	3.01	95.6
Sarawak	7.25	5.87	80.9
JUMLAH	**137.93**	**130.79**	**94.8**

Pada pendapat Audit, JPS telah berjaya mencapai sasaran perbelanjaan yang ditetapkan.

21.5.1.3. Pencapaian *Outcome* Projek

Antara objektif pembinaan projek saliran bandar yang dinyatakan dalam *Final Design Report* (kajian dan reka bentuk yang mesti disediakan sebelum projek dilaksanakan) bagi 8 sampel projek yang dipilih adalah untuk mewujudkan sistem saliran yang berkesan berdasarkan kepada Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) bagi mengurangkan

atau mengatasi masalah banjir kilat dan air bertakung (kawalan kuantiti air) serta mengatasi masalah pencemaran air (kawalan kualiti air). Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Setakat 31 Disember 2011, JPS telah membuat kajian penilaian terhadap *outcome*/keberhasilan bagi 2 daripada 8 projek saliran bandar yang diaudit dan telah dibentangkan di peringkat Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Bagaimanapun laporan yang disediakan tidak menunjukkan maklumat data statistik kejadian banjir kilat dan data statistik kawalan pencemaran air bagi 2 projek yang dinilai.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 23 Mei 2012

Penilaian terhadap outcome/keberhasilan bagi 6 projek saliran bandar yang diaudit akan dijalankan secara berperingkat-peringkat secara dalaman.

b. Semakan Audit selanjutnya berhubung *outcome* 8 projek telah dibuat terhadap kawalan kuantiti air (berdasarkan maklum balas JPS dan penduduk setempat) dan kawalan kualiti air (berdasarkan penilaian Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kimia dan pihak swasta). Kualiti air dikelaskan kepada I (keadaan semula jadi), II (sesuai untuk rekreasi/tidak tercemar) dan III hingga V (tercemar, di mana kelas V adalah tercemar teruk). Adalah didapati 4 daripada 8 projek ini telah mencapai objektif untuk mengawal kuantiti dan kualiti air iaitu Projek Kolam Komuniti Taman Keladi, Projek Saliran Bandar Jalan Sialang, Projek Saliran Bandar Labis dan Projek Saliran Bandar Chukai, Kemaman. Bagaimanapun 4 projek yang lainnya masih tidak dapat mencapai objektif untuk mengawal kuantiti dan kualiti air. Kawalan kuantiti air bagi Projek Saliran Bandar Kulai Fasa II tidak mencapai objektif kerana kejadian banjir masih berlaku apabila hujan lebat manakala Projek Kolam Komuniti Taman Ria dan Projek Saliran Bandar Kulai Fasa I mengalami kemerosotan kapasiti takungan air. Projek Sistem Saliran Bandaraya Melaka pula mengalami masalah aras air yang tinggi di beberapa lokasi kerana air tidak dapat mengalir keluar ke dalam sungai dengan sempurna. Selain itu, kualiti air bagi 4 projek ini juga adalah tercemar iaitu berada pada kelas III dan IV. Antara punca projek tidak mencapai objektif yang ditetapkan adalah kerana sistem perparitan tidak dapat disempurnakan disebabkan kekangan peruntukan, kelemahan dalam penentuan keperluan dan pengendalian kerja penyenggaraan saliran, kekurangan peruntukan bagi kerja penyenggaraan serta kelemahan penguatkuasaan untuk mengawal pencemaran saliran. Butiran *outcome* projek adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.4
PRESTASI PENCAPAIAN *OUTCOME* PROJEK

NAMA PROJEK YANG DILAWATI	KOS PROJEK (RM Juta)	KAWALAN KUANTITI AIR	**KAWALAN KUALITI AIR
Projek Kolam Komuniti Taman Ria	3.04	×	×
Projek Kolam Komuniti Taman Keladi	3.01	✓	✓
Projek Sistem Saliran Bandar Melaka*	28.88	×	×***
Projek Saliran Bandar Kulai Fasa I	2.51	×	×
Projek Saliran Bandar Kulai Fasa II	4.22	×	×
Projek Saliran Bandar Jalan Sialang	3.66	✓	✓
Projek Saliran Bandar Labis	1.01	✓	✓
Projek Saliran Bandar Chukai, Kemaman*	13.85	✓	✓

Nota: ***(✓) - Outcome Tercapai*** ***(×) - Outcome Tidak Tercapai Sepenuhnya***
(*) - Laporan Penilaian Outcome Ada Disediakan
(**) - Berdasarkan Ujian Kualiti Air
(***) - Bagi Projek Kolam Takungan Taman Setia Kawan, Melaka

Pada pendapat Audit, objektif pelaksanaan projek saliran bandar yang dilaksanakan oleh JPS masih belum dapat dicapai sepenuhnya kerana masih terdapat masalah kawalan kuantiti dan kualiti air di lokasi projek yang dilawati.

21.5.2. Kajian Pelan Induk Saliran Bandar

21.5.2.1. Kajian Pelan Induk Saliran Bandar disediakan untuk merancang penyelesaian jangka panjang pengurusan banjir, sistem saliran dan air larian hujan dalam kawasan perbandaran sedia ada. Kajian ini dibuat berdasarkan kepada dasar yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Semakan Audit mendapati JPS telah menyediakan 16 Kajian Pelan Induk Saliran Bandar dalam tempoh RMKe-9 dengan kos berjumlah RM26.25 juta. Adalah didapati hanya satu projek telah dilaksanakan berdasarkan kajian yang dijalankan setakat 31 Disember 2011.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 23 Mei 2012

Tiada projek yang diluluskan untuk dilaksanakan berdasarkan kajian ini di bawah RMKe-10. Menurut maklum balas Unit Perancang Ekonomi (EPU) pula, JPS disarankan untuk membuat permohonan bajet di bawah RMKe-10 dengan memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek.

21.5.2.2. Analisis Audit mendapati 6 daripada 8 projek yang diaudit telah dibuat Kajian Pelan Induk sebelum pelaksanaan projek. Bagaimanapun, didapati tempoh pelaksanaan projek berbanding penyiapan kajian tersebut adalah antara 8 hingga 29 tahun. Manakala pelaksanaan bagi 2 projek yang lain iaitu Projek Saliran Bandar Kulai Fasa I dan Fasa II adalah berdasarkan keperluan semasa. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.5
TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK BERBANDING KAJIAN PELAN INDUK DISIAPKAN

KAJIAN PELAN INDUK	TAHUN KAJIAN DISIAPKAN	PROJEK YANG DILAKSANAKAN	TAHUN DILAKSANAKAN/ KOS PROJEK	TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK BERBANDING TAHUN KAJIAN DISIAPKAN (Tahun)
Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Tangkak, Johor	2000	Projek Saliran Bandar Jalan Sialang	Januari 2008/ RM3.66 juta	8
Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Labis, Johor	2000	Projek Saliran Bandar Labis	Januari 2008/ RM1.01 juta	8
Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Cukai, Terengganu	1996	Projek Saliran Bandar Chukai, Kemaman	Januari 2009/ RM13.85 juta	13
Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Sungai Petani, Kedah	1997	Menaik Taraf Kolam Komuniti Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Taman Ria, Sungai Petani, Kedah Darul Aman (Projek Kolam Komuniti Taman Ria)	Januari 2009/ RM3.04 juta	12
		Menaik Taraf Kolam Komuniti Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Taman Keladi, Sungai Petani, Kedah Darul Aman (Projek Kolam Komuniti Taman Keladi)	Januari 2009/ RM3.01 juta	12

KAJIAN PELAN INDUK	TAHUN KAJIAN DISIAPKAN	PROJEK YANG DILAKSANAKAN	TAHUN DILAKSANAKAN/ KOS PROJEK	TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK BERBANDING TAHUN KAJIAN DISIAPKAN (Tahun)
Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Melaka, Melaka	1982	Menaik Taraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Kawasan Melaka Bandaraya Bersejarah Fasa I (Projek Sistem Saliran Bandar Melaka)	2011/ RM28.88 juta	29

21.5.2.3. Kelewatan melaksanakan projek berdasarkan Kajian Pelan Induk boleh mengakibatkan cadangan yang disediakan dalam kajian menjadi tidak relevan dan tidak sesuai untuk dilaksanakan. Ini adalah kerana berkemungkinan berlaku perubahan terhadap muka bumi, cuaca dan kadar pembangunan di sekitar kawasan berkenaan dalam tempoh tersebut.

Pada pendapat Audit, objektif penyediaan Kajian Pelan Induk Saliran Bandar masih belum dapat dicapai sepenuhnya sekiranya ia tidak digunakan sebagai asas dalam pemilihan pelaksanaan projek saliran bandar. JPS seharusnya lebih memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek berdasarkan kepada Kajian Pelan Induk sedia ada berbanding menyediakan Kajian Pelan Induk yang baru. Selain itu, pelaksanaan projek berdasarkan kajian perlu dilaksanakan dengan segera agar kajian yang disediakan masih relevan serta Kerajaan mendapat *value for money*.

21.5.3. Keberkesanan Fungsi Komponen Projek

Penggunaan pelbagai komponen saliran bandar dalam reka bentuk sesuatu projek dibuat berasaskan kepada fungsi/keperluan dan keadaan lokasi pembinaan. Antara komponen yang biasa digunakan adalah takungan (detention), saluran (conveyance), rumah pam serta kawalan sampah dan kelodak. Pemilihan dan pemakaian jenis komponen saliran tertakluk kepada keperluan kadar aliran air dan masa yang diperlukan untuk mengeluarkan air larian hujan. Lawatan Audit di 8 lokasi projek mendapati terdapat beberapa komponen saliran yang dipasang/dibina tidak dapat berfungsi sepenuhnya seperti mana yang dikehendaki. Penjelasan lanjut adalah seperti di perenggan berikut:

21.5.3.1. Fungsi Kolam Takungan

Kolam takungan digunakan untuk mengawal kualiti air (pencemaran), kuantiti air (banjir kilat) atau untuk mengawal kedua-duanya sekali. MSMA telah menetapkan kolam mesti dipelihara daripada pencemaran dengan menggunakan kawalan sampah dan kelodak di bahagian *inlet* dan *outlet.* Manakala bagi tujuan kawalan kuantiti air pula, saiz kolam yang direka bentuk perlu cukup untuk menampung kuantiti air dari kawasan tadahan (catchment area). Kolam takungan perlu bebas daripada longgokan sampah, kelodak dan tumbuhan liar yang berlebihan supaya kapasiti takungan asalnya tidak terjejas. *Gross Pollutant Trap* (GPT), *inlet, outlet* dan *culvert* mesti kerap diperiksa bagi memastikan ia boleh beroperasi, berada dalam keadaan selamat dan tidak dihalang oleh longgokan sampah dan kelodak. Semakan Audit terhadap 5 lokasi projek yang mempunyai kolam mendapati fungsi pembinaan kolam untuk mengawal kualiti atau kuantiti air bagi 4 kolam tidak tercapai sepenuhnya seperti berikut:

a. Lawatan Audit di Projek Kolam Komuniti Taman Keladi, Sg. Petani, Kedah bernilai RM3.01 juta mendapati objektif projek dalam mengawal kualiti air telah dapat dicapai dengan kualiti air berada pada Kelas II iaitu tidak tercemar (berdasarkan ujian kualiti

air yang dijalankan pada 20 Disember 2011). Bagaimanapun pemeriksaan terhadap 4 lagi kolam takungan yang dilawati iaitu Projek Kolam Komuniti Taman Ria, Sg. Petani, Kedah (RM3.04 juta), Projek Sistem Saliran Bandar Melaka - Kolam Takungan Taman Setiakawan (RM0.85 juta), Projek Kolam Takungan Kering, Kulai Fasa I, Johor (RM2.51 juta) dan Projek Kolam Takungan Kulai Fasa II, Johor (RM4.22 juta) mendapati kualiti air kolam tersebut adalah tercemar iaitu berada pada kelas III dan IV. Antara punca pencemaran air adalah kerana longgokan sampah dan kelodak pada *forebay, inlet* dan *outlet* disebabkan kerja penyenggaraan tidak dilaksanakan dengan teratur serta kelemahan penguatkuasaan untuk mengawal pencemaran saliran. Butirannya adalah seperti di **Jadual 21.6** dan **Gambar 21.1** hingga **Gambar 21.5**.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 23 Mei 2012

Perkara ini berlaku kerana kerja penyenggaraan yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada peruntukan sedia ada yang terhad dan peruntukan penyenggaraan khas yang dipohon belum diperoleh. JPS juga sedang menyediakan SOP penyenggaraan kolam takungan bagi membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menjalankan kerja penyenggaraan.

JADUAL 21.6
HASIL UJIAN TAHAP KUALITI AIR

NAMA KOLAM	KOS PROJEK (RM Juta)	TARIKH UJIAN TAHAP KUALITI AIR DIBUAT	HASIL UJIAN TAHAP KUALITI AIR		RUJUKAN GAMBAR
			KELAS	STATISTIK	
Projek Kolam Komuniti Taman Ria	3.04	20.12.2011	III	Tercemar	**Gambar 21.1**
Projek Kolam Komuniti Taman Keladi	3.01	20.12.2011	II	Tidak Tercemar	**Gambar 21.2**
Projek Sistem Saliran Bandar Melaka - Kolam Takungan Taman Setiakawan	0.85	29.02.2012	IV	Tercemar	-
Projek Saliran Bandar Kulai Fasa I	2.51	18.10.2011	III	Tercemar	**Gambar 21.3** dan **Gambar 21.4**
Projek Saliran Bandar Kulai Fasa II	4.22	18.10.2011	III	Tercemar	**Gambar 21.5**

GAMBAR 21.1



Projek Kolam Komuniti Taman Ria, Sg. Petani, Kedah - Tahap Kualiti Air Berada Pada Kelas III Iaitu Tercemar (04.10.2011)

GAMBAR 21.2




Projek Kolam Komuniti Taman Keladi, Sg. Petani Kedah - Tahap Kualiti Air Berada Pada Kelas II Iaitu Tidak Tercemar (05.10.2011)

GAMBAR 21.3



GAMBAR 21.4



Projek Kolam Takungan Kering Kulai Fasa I, Kulaijaya, Johor
- Air Kolam Jernih Di Bahagian Inlet Kolam Tetapi Air Kolam Bertukar Menjadi Kehitaman Di Bahagian Outlet Akibat Pelepasan Air Kumbahan Dari Mainhole Dan Tahap Kualiti Air Berada Pada Kelas III Iaitu Tercemar (18.10.2011)



GAMBAR 21.5

Kolam Takungan Kulai Fasa II, Kulaijaya, Johor
- Air Buangan dari Kawasan Perumahan Dibuang Terus Melalui Inlet Kolam Dan Menyebabkan Kualiti Air Yang Diambil Di Bahagian Outlet Berada Di Kelas III (Tercemar)
(18.10.2011)

b. Lawatan Audit di Projek Kolam Takungan Taman Setiakawan, Projek Saliran Bandar Melaka (RM0.85 juta) pula mendapati komponen perangkap sampah dan kawalan kelodak tidak dibina di *inlet/outlet* seperti yang ditetapkan oleh MSMA (**Gambar 21.6** dan **21.7**). Keadaan ini akan menyebabkan sampah dan kelodak masuk ke dalam dan keluar dari kolam tanpa tapisan terus ke sungai. Pemeriksaan fizikal Audit mendapati kolam ini tidak dicemari dengan sampah dan kelodak, namun keadaan ini adalah disebabkan pembangunan di sekitar kawasan kolam masih berada pada tahap sederhana. Sekiranya tindakan memasang perangkap sampah tidak dibuat, pembangunan yang pesat dalam jangka masa panjang boleh mengakibatkan objektif pembinaan tidak dapat dicapai.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 23 Mei 2012

Pemasangan perangkap sampah seperti yang dicadangkan akan dipasang dalam Projek Saliran Bandar Melaka Fasa II kelak.

GAMBAR 21.6



Kolam Takungan Taman Setiakawan, Projek Saliran Bandar, Bandaraya Melaka
- Struktur Inlet Tidak Dipasang Dengan Komponen Kawalan Sampah
(16.11.2011)

GAMBAR 21.7



Kolam Takungan Taman Setiakawan, Projek Saliran Bandar, Bandaraya Melaka
- Struktur Outlet Tidak Dipasang Dengan Komponen Kawalan Sampah
(17.11.2011)

c. Lawatan Audit ke Projek Kolam Komuniti Taman Keladi, Sg. Petani, Kedah (RM3.01 juta) dan Kolam Takungan Taman Setiakawan, Projek Saliran Bandaraya Melaka (RM0.85 juta) mendapati kapasiti takungan kolam berada dalam keadaan yang baik dan mencapai objektif pembinaannya untuk mengawal kuantiti air seperti di **Gambar 21.8** dan **21.9**. Menurut maklum balas penduduk sekitar, tiada lagi kejadian banjir kilat berlaku ketika hujan lebat sejak pembinaan projek ini.

GAMBAR 21.8



Projek Kolam Komuniti Taman Keladi, Sg. Petani, Kedah - Kapasiti Takungan Air Berada Dalam Keadaan Yang Baik (05.10.2011)

GAMBAR 21.9



Kolam Takungan Taman Setiakawan, Projek Saliran Bandar, Bandaraya Melaka - Kapasiti Takungan Air Berada Dalam Keadaan Yang Baik (17.11.2011)

d. Lawatan Audit ke Projek Kolam Komuniti Taman Ria, Sg. Petani Kedah bernilai RM3.04 juta mendapati kapasiti kolam air masih berada dalam keadaan terkawal. Namun terdapat longgokan sampah dan kelodak di bahagian *forebay* dan kolam utama yang boleh menjejaskan kapasiti takungannya dalam jangka masa panjang. Ini adalah disebabkan kerja penyenggaraan tidak dilaksanakan dengan teratur oleh pihak bertanggungjawab (**Gambar 21.10**).

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 23 Mei 2012

Kerja penyenggaraan hanya dapat dijalankan berdasarkan kepada peruntukan yang terhad. Bagaimanapun JPS telah mendapat peruntukan di bawah Dasar Baru Mengurus 2012 berjumlah RM500,000 daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah dan sebut harga untuk penyenggaraan bulanan telah dipanggil. Penyenggaraan kolam akan dibuat sebulan sekali dengan anggaran kos RM1,000 sebulan.



GAMBAR 21.10

Projek Kolam Komuniti Taman Ria, Sg. Petani, Kedah - Kuantiti Air Takungan Masih Terkawal, Namun Kelodak Dan Sampah Memenuhi Forebay Menyebabkan Kapasiti Takungan Air Berkurangan (04.10.2011)

e. Menurut Kajian Bagi Menyelesaikan Masalah Banjir Dan Mereka Bentuk Terperinci Sistem Saliran Batu 21, Kulai, Johor, objektif kajian adalah untuk merangka penyelesaian jangka masa panjang bagi masalah banjir kilat dalam kawasan terbabit. Berdasarkan kajian tersebut, JPS telah membina 2 kolam takungan (kering dan basah) berserta kerja-kerja perparitan lain dengan menandatangani 2 kontrak berasingan iaitu Projek Saliran Bandar Kulai Fasa I, Johor bernilai RM2.51 juta yang disiapkan pada Februari 2009 dan Projek Saliran Bandar Kulai Fasa II, Johor

bernilai RM4.22 juta dan disiapkan pada Mac 2010. Kedudukan kolam tersebut serta sistem perparitan adalah seperti di **Rajah 21.2**. Berdasarkan maklum balas JPS Daerah Johor Bahru dan penduduk setempat, pihak Audit dimaklumkan kejadian banjir pernah berlaku di sekitar kawasan Projek Saliran Bandar Kulai Fasa II selepas pembinaan siap seperti di **Gambar 21.11** hingga **21.14**.

RAJAH 21.2
KEDUDUKAN KOLAM-KOLAM SERTA SISTEM PERPARITAN



Kawasan Kajian Sistem Saliran Di Batu 21, Kulaijaya, Johor
- Lokasi Pembinaan Kolam Takungan Kering, Kulai Fasa I Dan Kolam Takungan Basah Serta Sistem Perparitan Dan Pipe Jacking, Kulai Fasa II
(Sumber: Pencarian Laman Sesawang)

GAMBAR 21.11



Kawalan Kuantiti Air Terjejas
Kolam Takungan Kulai Fasa II, Kulaijaya, Johor
- Jalan Kulai Bersebelahan Dengan Kolam Telah Dibanjiri Air
(Sumber: JPS Daerah Johor Bahru)
(20.09.2010)

GAMBAR 21.12



Kawalan Kualiti Air Terjejas
Kolam Takungan Kulai Fasa II, Kulaijaya,Johor
- Kawasan Jalan Dan Kedai Di Lokasi Pipe Jacking Sepatutnya Dibuat Dinaiki Air
(Sumber: JPS Daerah Johor Bahru)
(20.09.2010)

GAMBAR 21.13



Kolam Takungan Kulai Fasa II, Kulaijaya, Johor
- Jalan Kulai Sehingga Berhadapan Shell Masih Banjir
(Sumber: JPS Daerah Johor Bahru)
(20.09.2010)

GAMBAR 21.14




Kolam Takungan Kulai Fasa II, Kulaijaya, Johor
- Kolam Takungan Dilimpahi Air Ketika Hujan Lebat
(Sumber: JPS Daerah Johor Bahru)
(20.09.2010)

f. Antara punca kejadian banjir kilat yang masih berlaku di lokasi Projek Saliran Bandar Kulai Fasa II adalah disebabkan oleh faktor berikut:

i. Kolam Takungan Kering yang dibina di bawah Projek Saliran Bandar Kulai, Johor (Fasa I) yang berfungsi untuk menyimpan sementara air larian hujan di *upstream* pada kapasiti 50,000m^3 untuk memperlahankan aliran air ke kawasan *downstream* (Kolam Kulai Fasa II) bagi mengatasi banjir kilat ketika hujan lebat tidak dapat berfungsi dengan baik. Ini disebabkan kerja penyenggaraan tidak dibuat secara berkala dan teratur mengakibatkan kolam dan struktur *spillway* dipenuhi dengan tumbuhan seperti di **Gambar 21.15** dan **21.16**. Manakala **Gambar 21.17** menunjukkan contoh struktur *spillway* yang berada dalam keadaan baik. Menurut JPS, penyenggaraan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana kekurangan peruntukan. Selain itu, didapati projek ini masih belum diserahkan secara rasmi kepada pihak PBT.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 23 Mei 2012


Kerja penyenggaraan akan dijalankan berdasarkan kepada peruntukan yang diperoleh. Selain itu Standard Operation Procedure (SOP) berkaitan penyerahan kolam takungan kepada PBT juga sedang disediakan dan dijangka siap pada bulan September 2012.



GAMBAR 21.15

Projek Kolam Takungan Kering Kulai Fasa I, Kulaijaya, Johor
- Kolam Takungan Kering Telah Penuh Dengan Tumbuhan Dan Mengurangkan Kapasiti Isipadu Takungan Air
(18.10.2011)

GAMBAR 21.16



Projek Kolam Takungan Kering Kulai Fasa I, Kulaijaya, Johor
- Emergency Spillway Telah Dipenuhi Dengan Tumbuhan Dan Mengurangkan Kapasiti Isipadu Takungan Air
(18.10.2011)

GAMBAR 21.17



Contoh Struktur Spillway Yang Berada Dalam Keadaan Yang Baik
(Sumber: Gambar Lokasi Projek Saliran Bandar Kulai Fasa II, Kulaijaya, Johor)
(18.10.2011)


ii. Kerja perparitan untuk menaik taraf saliran sedia ada yang kecil kepada U Drain dan *Precast Twin R.C Pipe* (Class Z rebated joint) yang lebih besar untuk melencongkan aliran air terus ke Sungai Skudai dari kolam takungan di bawah Projek Saliran Bandar Kulai, Johor (Fasa II) tidak dapat disiapkan dengan sempurna. Ini disebabkan kerja *pipe jacking* menggunakan *Precast Twin R.C Pipe* (Class Z rebated joint) tidak dapat dibuat kerana masalah pengalihan utiliti. Kos tambahan bagi pengalihan utiliti dan kerja *pipe jacking* dianggarkan RM3 juta dan JPS tidak mempunyai peruntukan yang cukup untuk

melaksanakan pengalihan utiliti tersebut. Kesannya, parit konkrit dan *sump* dengan kos pembinaan bernilai RM332,425 yang dibina untuk menghubungkan parit utama sedia ada kepada *pipe jacking* tidak dapat berfungsi sepenuhnya dan telah menjejaskan keberkesanan sistem saliran. **Rajah 21.3**, **Gambar 21.18** dan **21.19** adalah berkaitan.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 23 Mei 2012


Masalah ini dijangka dapat diselesaikan sekiranya kerja-kerja pipe jacking dapat disiapkan dengan sempurna. JPS telah memohon peruntukan bagi kerja pipe jacking dan pengalihan utiliti dalam Rolling Plan Ke-3, RMKe-10.

RAJAH 21.3
ILUSTRASI SISTEM PERPARITAN



Projek Kulai Fasa II, Kulaijaya, Johor
- Rajah Menunjukkan Ilustrasi Sistem Perparitan Yang Tidak Dapat Disempurnakan

GAMBAR 21.18



Box Culvert Dan Sump, Kulai Fasa II, Kulaijaya, Johor
- Sump Telah Ditutup Dengan Papan
(22.10.2011)

GAMBAR 21.19



Concrete U Drain, Kulai Fasa II, Kulaijaya, Johor
- Air Bertakung Dan Berbau Busuk
Kerana Tidak Boleh Mengalir
(22.10.2011)

iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati *Precast Twin R.C Pipe* (Class Z rebated joint) *and steel collar joint* bernilai RM356,400 yang telah dibayar tidak dapat digunakan. Ia disimpan oleh kontraktor di tempat yang kurang sesuai di mana komponen tersebut terdedah kepada cuaca panas dan hujan serta menyebabkan *Steel Collar Joint* berkarat dan terdapat rekahan pada komponen seperti di **Gambar 21.20**. JPS memaklumkan bahawa bekalan tersebut terpaksa ditempatkan di stor kontraktor kerana Pejabat JPS Daerah Johor Bharu tidak mempunyai ruang yang sesuai untuk menyimpan bekalan tersebut. Pihak Audit mendapati JPS tidak mematuhi peraturan berkaitan prosedur penyimpanan Aset Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam Tatacara Pengurusan Aset Alih

Kerajaan Tahun 2007. Tatacara tersebut menyatakan Aset Kerajaan hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab serta komponen perlu dilabelkan Hak Kerajaan Malaysia.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 23 Mei 2012

RC pipe tersebut akan digunakan semula di masa akan datang apabila peruntukan pengalihan utiliti diperoleh. Kesemua RC pipe tersebut telah dibawa ke stor di Pusat Perkhidmatan Pertanian Bersepadu Permas untuk simpanan sementara seperti di Gambar 21.21.

GAMBAR 21.20



Premis Syarikat Pembinaan FR Sdn. Bhd. Di Seelong, Johor - Precast Twin R.C Pipe (Class Z Rebated Joint) And Steel Collar Joint Yang Bernilai RM356,400 Masih Berada Di Premis Kontraktor Sejak Pembeliannya Pada 4 Ogos 2009 (22.10.2011)

GAMBAR 21.21



Pusat Perkhidmatan Pertanian Bersepadu, Permas, Johor Bahru - Precast R.C Pipe (Class Z Rebated Joint) And Steel Collar Joint Telah Dipindahkan Selepas Teguran Audit (Sumber: JPS Daerah Johor Bahru)

Pada pendapat Audit, kolam takungan yang dibina di beberapa lokasi tidak dapat berfungsi secara optimum kerana kejadian banjir masih berlaku, kapasiti kolam takungan berkurangan dan kualiti air tercemar. Projek Saliran Bandar Kulai Fasa I dan Fasa II bernilai RM6.73 juta tidak dapat mencapai objektif pembinaan sepenuhnya kerana tiada peruntukan yang mencukupi untuk melaksanakan penyenggaraan dan pengalihan utiliti. Sehubungan itu, pihak JPS perlu mengambil langkah segera untuk menyelesaikan masalah pengalihan utiliti dan kerja *pipe jacking* yang melibatkan kos tambahan berjumlah RM3 juta dan masalah penyenggaraan bagi memastikan projek tersebut dimanfaatkan oleh golongan sasaran serta mengelakkan kerosakan harta benda akibat banjir kilat.

21.5.3.2. Fungsi Saluran (Conveyance)

Saluran (conveyance) berfungsi untuk mengumpulkan air larian hujan dari jalan, bangunan dan kawasan lapang lalu menyalurkannya dengan cepat ke sungai bagi meminimumkan gangguan dan kebarangkalian air bertakung di jalan, kawasan rendah dan kawasan perumahan. Saluran perlu bebas dari sampah dan kelodak supaya air larian hujan dapat mengalir dengan sempurna. Antara komponen saliran yang digunakan adalah rumah pam, parit konkrit dan parit tanah. Parit konkrit dan parit tanah dibina untuk memastikan air larian hujan dapat mengalir dengan sempurna tanpa sekatan supaya banjir kilat tidak berlaku semasa hujan lebat. Rumah pam pula digunakan untuk membantu mempercepatkan pengaliran air dari parit ke sungai. Lawatan Audit di 2 daripada 4 projek yang melibatkan pembinaan saluran mendapati beberapa masalah berkenaan saluran bagi projek tersebut seperti berikut:

a. Aras Air Dalam *U Drain* dan Parit Tanah Tinggi

i. JPS telah memohon sejumlah RM128 juta untuk mengatasi masalah banjir kilat di Bandar Melaka. Berdasarkan Kertas Cadangan Awal yang disediakan, sebanyak 12 lokasi telah dikenal pasti untuk dinaikkan taraf (**Jadual 21.7**) dengan cadangan pembinaan 5 buah rumah pam. Bagaimanapun di bawah RMKe-9, JPS hanya menerima peruntukan sejumlah RM50 juta (meliputi kos pembinaan projek saliran bandar dan pengambilan tanah) untuk melaksanakan projek tersebut dalam Fasa 1. Berdasarkan kepada peruntukan yang diterima, hanya 7 daripada 12 lokasi telah diberi keutamaan untuk dinaikkan taraf dan melibatkan pembinaan 2 rumah pam.

JADUAL 21.7
LOKASI YANG DICADANGKAN UNTUK DINAIKTARAF

LOKASI YANG DICADANGKAN	ANGGARAN ASAL KOS PEMBINAAN (RM Juta)	STATUS PELAKSANAAN
Kg. Chetty	50	✓
Taman Tang Yi Biew		×
Taman Kenanga Seksyen II	3	×
Sekolah Menengah Tun Tuah Melaka hingga ke Lorong Pandan	6	×
Kg. Enam dan Kg. Tujuh	8	×
Maktab Perguruan Perempuan Melaka/Taman Peringgit Jaya/Taman Norbar/Taman Bukit Serindit	9	✓
Stesen Minyak Bukit Katil dan Kolam Takungan Taman Merak Mas	10	✓
Taman Setiakawan ke Persimpangan Jalan Tun Razak/Bukit Piatu/ Kg. Bukit Pulau	15	✓
Jalan Thamby Abdullah	7.6	×
Jalan Pandan ke Limbongan	8	✓
Taman Sentosa, Bukit Baru dan Taman Bukit Melaka, Bukit Beruang	11	✓
Tangga Batu (MINDEF ke Sungai Udang)	1.2	✓
JUMLAH	**128.8**	

Nota : ***(✓) - Telah Dibina Dalam Fasa 1*** ***(×) - Belum Dibina Dan Akan Dibina Dalam Fasa 2***

ii. Semakan Audit terhadap *Conceptual Design Report* Projek Saliran Bandar, Bandaraya Melaka mendapati JPS telah mencadangkan untuk membina 2 rumah pam di 2 lokasi iaitu di Pangkalan Rama, Durian Daun dan Parit Besar, Bukit Katil bagi memastikan air dapat di pam keluar ke sungai dengan lancar sekiranya aras air dalam parit tinggi. Bagaimanapun didapati hanya sejumlah RM5.47 juta telah diagihkan untuk membina rumah pam di Pangkalan Rama untuk lokasi projek Maktab Perguruan Perempuan Melaka/Taman Peringgit Jaya/Taman Norbar/Taman Bukit Serindit seperti di **Gambar 21.22**.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 23 Mei 2012

Berdasarkan pembentangan penilaian outcome di Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri pada 26 Oktober 2011, hasil daripada tinjauan semasa hujan lebat sekitar bulan Julai 2010 di lokasi ini mendapati telah berlaku pengurangan keluasan kawasan berlaku banjir sebanyak 40 peratus iaitu pengurangan daripada 11.5 hektar kepada 7 hektar.



GAMBAR 21.22

Rumah Pam Di Pangkalan Rama, Melaka - Masalah Banjir Dapat Dikurangkan Selepas Pembinaan Rumah Pam (17.11.2011)

iii. Lawatan Audit di sekitar kawasan Parit Besar, Bukit Katil, Melaka mendapati aras air di dalam *U Drain* adalah tinggi dan tinjauan Audit mendapati air mengalir dengan perlahan seperti di **Gambar 21.23**.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 23 Mei 2012

Berdasarkan JPS Negeri Melaka, keadaan ini berlaku kerana bentuk muka bumi kawasan ini adalah rata dan landai. Selain itu, cadangan untuk membina rumah pam di penghujung Parit Besar Bukit Katil ke Sungai Duyong tidak dapat dilaksanakan kerana peruntukan asal yang diterima tidak mencukupi. Bagaimanapun pembinaan rumah pam di lokasi ini akan dilaksanakan dalam Projek Saliran Bandaraya Melaka Fasa II.

Lokasi cadangan pembinaan rumah pam adalah seperti di **Gambar 21.24**.

GAMBAR 21.23



Kg. Merak Mas, Parit Besar, Bukit Katil, Melaka - Aras Air Yang Tinggi (15.11.2011)

GAMBAR 21.24



Kg. Merak Mas, Parit Besar, Bukit Katil, Melaka - Lokasi Cadangan Pembinaan Rumah Pam (15.11.2011)

iv. Selain itu, lawatan Audit di lokasi projek Kg. Chetty (salah satu lokasi Projek Saliran Bandar, Bandaraya Melaka) mendapati aras air berada pada paras yang tinggi. JPS Melaka memaklumkan rumah pam perlu dibina di lokasi ini bagi mengatasi masalah aras air yang tinggi di dalam parit. JPS telah membayar sejumlah RM1.71 juta bagi kos pengambilan tanah untuk dijadikan tapak pembinaan rumah pam. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati keperluan membina rumah pam di lokasi ini tidak dinyatakan dalam *Conceptual Design Report* asal yang disediakan oleh perunding. Lokasi yang terlibat adalah seperti di **Gambar 21.25** hingga **21.28**.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 23 Mei 2012

Keperluan pembinaan rumah pam di lokasi telah dicadangkan dalam Laporan Akhir Menaik Taraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Banjir Kilat Di Kawasan Bandaraya Melaka Bersejarah Fasa 2 yang disediakan pada tahun 2010.

GAMBAR 21.25



Kg. Chetty, Melaka
- Aras Air Yang Tinggi Walaupun Hari Tidak Hujan
(15.11.2011)

GAMBAR 21.26



Stesyen Minyak Caltex Di Taman Tang Yi Biew, Melaka Di Bawah Projek Kg. Chetty
- Parit Konkrit Dipenuhi Air Walaupun Hari Tidak Hujan
(15.11.2011)

GAMBAR 21.27



Parit Di Tapak Cadangan Untuk Membina Rumah Pam Di Taman Tang Yi Biew, Melaka
- Parit Konkrit Dipenuhi Air Walaupun Hari Tidak Hujan
(15.11.2011)

GAMBAR 21.28



Tang Yi Biew, Melaka
- Lokasi Tanah Yang Telah Dibeli Oleh JPS Untuk Dijadikan Tapak Pembinaan Rumah Pam
(15.11.2011)

v. Antara punca utama projek ini tidak dapat mencapai objektif sepenuhnya adalah kerana kekangan peruntukan.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 23 Mei 2012

Peruntukan yang secukupnya perlu diluluskan bagi memastikan masalah banjir kilat dapat diselesaikan secara menyeluruh. Bagaimanapun EPU memaklumkan peruntukan kewangan yang dapat disediakan oleh Kerajaan adalah terhad dan pengagihan peruntukan perlu mengambil kira keperluan bagi projek pembangunan yang lain. Sehubungan itu, JPS perlu merancang dan melaksanakan projek berdasarkan keutamaan lokasi serta memastikan semua komponen projek bagi setiap lokasi diambil kira dalam kos projek. Ini adalah untuk memastikan masalah di setiap lokasi projek dapat diselesaikan sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, parit dari struktur *U Drain* yang dibina di beberapa lokasi tidak dapat berfungsi secara optimum kerana air tidak dapat mengalir dengan sempurna seperti yang direka bentuk. Pembinaan rumah pam perlu disegerakan supaya objektif pembinaan tercapai.

b. *Bypass* (Laluan Alternatif) Tersumbat Dan Terpaksa Diganti

Lawatan fizikal di tapak Projek Saliran Bandar Kulai Fasa II mendapati struktur saliran iaitu *Pipe Culvert Type Y* berukuran 450mm diameter yang dipasang melalui

Arahan Perubahan Kerja Kontrak (APK) 1 dengan kos pemasangan berjumlah RM151,945 telah digantikan dengan *Pipe Culvert* yang baru berukuran 1,500mm diameter dengan kos pemasangan berjumlah RM421,111 (**Gambar 21.29** hingga **21.32**). Berdasarkan penjelasan JPS, penggantian kepada paip yang lebih besar tersebut pada 22 Oktober 2011 adalah kerana paip asal yang dipasang pada 30 Mac 2010 telah tersumbat dengan sampah dan kelodak. Ini menunjukkan terdapatnya kelemahan semasa membuat keputusan berkaitan spesifikasi paip ketika APK 1 diluluskan. Kesannya, Kerajaan terpaksa menanggung kos tambahan berjumlah RM421,111.

GAMBAR 21.29



Kolam Takungan Bt. 21, Kulaijaya, Johor
- Projek Baru Untuk Menggantikan Saluran Yang Tersumbat
(22.10.2011)

GAMBAR 21.30



Kolam Takungan Bt. 21, Kulaijaya, Johor
- Pipe Culvert Type Y Berukuran 450m Diameter Telah Dikeluarkan
(22.10.2011)

GAMBAR 21.31



GAMBAR 21.32



Kolam Takungan Bt. 21, Kulaijaya, Johor
- Keseluruhan Struktur Bypass Dengan Kos RM151,945 Terpaksa Dikorek Dan Digantikan Dengan Saluran Yang Lebih Besar Dengan Kos RM421,111
(22.10.2011)

Pada pendapat Audit, *bypass* yang dibina tidak dapat digunakan disebabkan kelemahan semasa membuat keputusan berkaitan spesifikasi paip dan telah mengakibatkan Kerajaan terpaksa menanggung kos tambahan sebanyak RM421,111.

21.5.3.3. Fungsi Kawalan Sampah Dan Kelodak

Bagi menjaga kualiti air, komponen kawalan sampah dan kelodak perlu sentiasa berfungsi dengan baik. Antara komponen yang digunakan adalah *gross pollutant trap* (GPT) dan *trash screen.* Menurut MSMA, komponen kawalan sampah dan kelodak ini perlu disenggara dengan kerap supaya tidak tersumbat dengan sampah dan kelodak dan mengakibatkan gangguan kepada aliran air dan pencemaran terhadap kualiti air. Pemeriksaan Audit di tapak projek mendapati komponen kawalan sampah dan kelodak ini tidak dapat berfungsi dengan baik seperti berikut:

a. *Gross Pollutant Trap* (GPT)

i. GPT berfungsi untuk menghalang sampah terampai serta kelodak. Lawatan fizikal Audit di tapak Projek Saliran Bandar Kulai Fasa I mendapati GPT bernilai

RM480,000 berada dalam keadaan usang dan tidak lagi berfungsi. Ini adalah kerana *overflow weir* yang dibina untuk mengalihkan air melalui GPT telah dirobohkan dan menyebabkan air masuk ke dalam kolam tanpa ditapis melalui GPT seperti **Gambar 21.33** hingga **21.35**.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 23 Mei 2012

Sistem GPT dengan weir didapati menghalang fungsi kolam takungan air semasa hujan lebat. Ia telah menyebabkan kapasiti kolam takungan tidak tercapai. Oleh kerana kualiti air di tempat tersebut bersih, JPS mengambil keputusan untuk memaksimumkan kapasiti kolam takungan dengan merobohkan weir merentasi parit supaya air terus mengalir ke kolam takungan.

GAMBAR 21.33



Kolam Takungan Kering, Kulai Fasa I, Kulaijaya, Johor - Anak Panah Menunjukkan Air Mengalir Melalui GPT Kerana Dilencongkan Oleh Tembok Penghalang Air Ketika Belum Dirobohkan (Sumber: JPS Daerah Johor Bahru) (03.03.2009)

GAMBAR 21.34



Kolam Takungan Kering, Kulai Fasa I, Kulaijaya, Johor - Gross Pollutant Trap Bernilai RM480,000 Tidak Digunakan Lagi. Air Mengalir Memasuki Kolam Takungan Tanpa Melalui GPT (18.10.2011)



GAMBAR 21.35

Kolam Takungan Kering, Kulai Fasa I, Kulaijaya, Johor - Gross Pollutant Trap Bernilai RM480,000 Sudah Tidak Digunakan (18.10.2011)

ii. Lawatan Audit selanjutnya di tapak Projek Saliran Bandar Bukit Kuang, Kemaman, Terengganu mendapati aliran air di bahagian GPT terganggu dan air telah melimpah keluar dari GPT kerana ia dipenuhi sampah dan tumbuhan seperti di gambar berikut:

GAMBAR 21.36



GAMBAR 21.37



Bandar Bukit Kuang, Kemaman, Terengganu - Gross Pollutant Trap Telah Dipenuhi Sampah Sehingga Mengganggu Aliran Air Dan Menyebabkan Limpahan Air (22.11.2011)

b. *Trash Screen*

Trash Screen yang dipasang di bahagian *outlet* kolam berfungsi untuk menahan sampah terampai daripada terus keluar daripada kolam takungan dan di bawa masuk ke sungai melalui parit. Pemeriksaan Audit di tapak Projek Saliran Bandar Kulai Fasa II mendapati *Trash Screen* yang telah dipasang di bahagian *outlet* kolam telah ditanggalkan dan diletakkan di tepi kolam seperti di **Gambar 21.38** dan **21.39**. Berdasarkan penjelasan JPS, *Trash Screen* yang tidak disenggara secara berkala dan teratur perlu ditanggalkan kerana ia menyebabkan longgokan sampah terkumpul dan menghalang laluan air serta menyebabkan aras air naik di bahagian *up stream* (backflow). Adalah didapati juga sampah sarap terus keluar dari kolam dan memasuki parit serta dibawa terus ke sungai tanpa sebarang tapisan kerana tiada struktur lain yang dibina untuk menahan sampah sarap ini di sepanjang parit tersebut.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 23 Mei 2012

Trash Screen tersebut telah dipasang semula ke tempat asalnya.

GAMBAR 21.38



Kolam Takungan, Kulai Fasa II, Kulaijaya, Johor
- Trash Screen Telah Dibuka
Dan Diletakkan Di Tepi Kolam
(18.10.2011)

GAMBAR 21.39



Kolam Takungan, Kulai Fasa II, Kulaijaya, Johor
- Anak Panah Menunjukkan Lokasi
Trash Screen Sepatutnya Dipasang
(18.10.2011)

Pada pendapat Audit, apabila GPT dan *Trash Screen* tidak berfungsi, sampah sarap serta kelodak terus masuk ke dalam kolam dan sistem perparitan tanpa ditapis. JPS perlu mengkaji kaedah yang lebih sesuai untuk menahan sampah daripada keluar dari kolam.

21.5.4. Pengurusan Penyenggaraan

21.5.4.1. Pengurusan penyenggaraan adalah amat penting bagi memastikan sesuatu struktur/komponen yang dibina dapat berfungsi dengan baik untuk jangka masa yang lama agar Kerajaan mendapat *value for money* atas perbelanjaannya. JPS bertanggungjawab untuk mengenal pasti keperluan sebenar penyenggaraan (meliputi *preventive* dan *corrective maintenance*) terhadap struktur/komponen saliran. Semakan Audit mendapati pada umumnya pelan penyenggaraan tidak disediakan bagi projek-projek yang telah dilaksanakan dan *corrective maintenance* tidak dibuat bagi beberapa komponen yang telah rosak. Antara masalah yang dihadapi berkaitan penyenggaraan selepas projek disiapkan adalah seperti berikut:

a. Struktur *rubble pitching bed* berfungsi untuk menyalurkan air dari *catchment area* untuk masuk ke dalam kolam takungan. Semakan Audit terhadap struktur tersebut di bahagian dasar *HDPE Pipe* bagi Projek Kolam Komuniti Taman Ria mendapati ia

telah pecah dan aliran air tidak mengalir dengan sempurna ke dalam kolam seperti di **Gambar 21.40**.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 23 Mei 2012

Tindakan membaik pulih telah dibuat seperti di Gambar 21.41.

GAMBAR 21.40



Kolam Takungan Taman Ria, Sg. Petani, Kedah
- Struktur Inlet 1 HDPE 600mm Inlet Pipe
On Rubble Pitching Bed Telah Pecah
(04.10.2011)

GAMBAR 21.41




Kolam Takungan Taman Ria, Sg. Petani, Kedah
- Struktur Inlet 1 HDPE 600mm Inlet Pipe
On Rubble Pitching Bed Telah Dibaik Pulih

b. Struktur *Concrete Sump* berfungsi menyambung saliran *outlet* kolam takungan ke parit dan memerangkap sampah keluar dari kolam takungan. Semakan Audit mendapati struktur tersebut di Projek Saliran Bandar Kulai Fasa 1 telah pecah dan *RC Culvert* telah tertutup dengan runtuhan *concrete sump* menyebabkan *concrete sump* tidak dapat berfungsi sepenuhnya seperti di **Gambar 21.42**. Berdasarkan penjelasan JPS, perkara ini berlaku kerana aliran air yang deras apabila berlakunya hujan lebat. JPS bagaimanapun pernah membaiki struktur ini sebelum ini.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 23 Mei 2012

Tindakan membaik pulih telah diambil seperti di Gambar 21.43.

GAMBAR 21.42



Saliran Bandar Kulai Fasa I, Kulaijaya, Johor
Kolam Takungan Kering
- Anak Panah Menunjukkan Struktur Concrete Sump Telah Runtuh Dan Menutupi RC Culvert
(18.10.2011)

GAMBAR 21.43



Saliran Bandar Kulai Fasa I, Kulaijaya, Johor
Kolam Takungan Kering
- Struktur Concrete Sump Yang Runtuh Dan Menutupi RC Culvert Telah Dibaikpulih Berserta Pengukuhan Tebing

c. Kerja penyenggaraan tidak dilaksanakan secara berkala dan teratur telah mengakibatkan antaranya terdapat longgokkan sampah sarap dan kelodak yang memenuhi sistem saliran, kualiti air terjejas serta rumput dan tumbuhan liar tidak dipotong. Butirannya seperti di gambar berikut:

GAMBAR 21.44



Kolam Komuniti Taman Keladi, Sg. Petani, Kedah
- Sampah, Kelodak Dan Tumbuhan Telah Menutupi Reno Mattress Yang Berfungsi Untuk Menahan Kelodak Dari Terus Masuk Ke Dalam Kolam Utama
(05.10.2011)

GAMBAR 21.45



Kolam Komuniti Taman Keladi, Sg. Petani, Kedah
- Penutup Gross Pollutant Trap Tidak Pernah Dibuka Untuk Menjalankan Kerja Penyenggaraan Kelodak
(05.10.2011)

GAMBAR 21.46



Jalan Sialang, Tangkak, Johor
- Sump Telah Dipenuhi Sampah, Kelodak Dan Tumbuhan Liar Sehingga Menyebabkan Kapasitinya Terjejas
(20.10.2011)

GAMBAR 21.47



Kg. Mak Chili, Projek Saliran Bandar Kemaman, Terengganu
- Tumbuhan Liar Telah Memenuhi Transition Sump Yang Boleh Mengganggu Aliran Air
(21.11.2011)

GAMBAR 21.48



Bukit Kuang, Projek Saliran Bandar Kemaman, Terengganu
- Swale Dipenuhi Tumbuhan Menyebabkan Konsep Keindahan Yang Diterapkan Oleh MSMA Tidak Tercapai
(22.11.2011)

GAMBAR 21.49



Projek Saliran Bandar Kulai Fasa II, Kulaijaya, Johor
- Longgokan Kelodak Yang Tidak Dikeluarkan Boleh Menjejaskan Kapasiti Takungan Kolam
(18.10.2011)

GAMBAR 21.50



GAMBAR 21.51



Projek Saliran Bandar Jalan Sialang, Johor
- Sampah Dan Kelodak Memenuhi Parit Dan Mengganggu Aliran Air
(20.10.2011)

21.5.4.2. JPS menjelaskan kerja penyenggaraan sistem perparitan perlu dilaksanakan oleh PBT seperti yang termaktub di dalam keputusan Jemaah Menteri pada 19 Jun 1996. JPS dan Kerajaan Negeri ada menyediakan peruntukan bagi kerja penyenggaraan namun peruntukan tersebut tidak mencukupi. Bagi kerja penyenggaraan berkaitan kolam takungan, ia adalah di bawah tanggungjawab JPS sehingga tempoh liabiliti projek tersebut tamat dan ia perlu diserahkan kepada PBT untuk penyenggaraan.

21.5.4.3. Adalah didapati pelan penyenggaraan tidak dibuat dengan teratur serta projek yang telah disiapkan tidak diserahkan oleh JPS kepada pihak PBT secara teratur. Ini disebabkan tiada satu dasar yang jelas berkaitan tanggungjawab dan peranan pihak yang berkaitan. Kesannya, kerja penyenggaraan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan dan menyebabkan Kerajaan tidak mendapat *value for money* atas perbelanjaan yang dibuat.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Yang Diterima Pada 23 Mei 2012

JPS sedang dalam peringkat menyiapkan draf SOP berkaitan penyerahan projek kolam takungan kepada PBT.

Pada pendapat Audit, JPS tidak membuat pelan perancangan yang teratur berkaitan penyerahan projek kepada PBT dan telah mengakibatkan kerja penyenggaraan tidak dapat dibuat secara berkesan. Perancangan awal berkaitan keperluan kos penyenggaraan perlu dibuat bagi membantu JPS dan pihak PBT merancang keperluan peruntukan dengan lebih efektif.

21.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif pelaksanaan projek saliran bandar tercapai dan Kerajaan memperoleh *value for money* terhadap projek tersebut, adalah disyorkan supaya pihak terlibat mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

21.6.1. JPS perlu merancang dan memastikan penyediaan Kajian Pelan Induk dibuat berdasarkan keutamaan lokasi yang mengalami masalah kritikal dan melaksanakan projek berdasarkan Kajian Pelan Induk yang dibuat.

21.6.2. JPS perlu mengambil langkah segera bagi mengenal pasti keperluan penyenggaraan untuk setiap saliran bandar yang telah dibina. Maklumat seperti jenis penyenggaraan, kekerapan penyenggaraan, kos penyenggaraan, tenaga kerja yang diperlukan serta implikasi sekiranya kerja-kerja penyenggaraan tidak dilaksanakan perlu disediakan untuk dijadikan sebagai panduan kepada JPS/PBT.

21.6.3. Kementerian Kewangan wajar menyediakan peruntukan penyenggaraan yang mencukupi bagi memastikan projek Kerajaan yang telah dilaksanakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan sasaran untuk satu jangka masa yang panjang.

21.6.4. Kementerian dan JPS disyorkan untuk membuat satu dasar/polisi yang bersepadu berkaitan pengurusan operasi saliran, antaranya penetapan terhadap bidang kuasa serta tanggungjawab pihak yang berkenaan dari segi operasi dan penyenggaraan saliran, jenis kos-kos berkaitan yang perlu ditanggung serta guna tenaga yang diperlukan dalam mengendalikan operasi saliran.

21.6.5. Kementerian dan JPS perlu mengamalkan *Blue Ocean Strategy* dengan mewujudkan satu Jawatankuasa Koordinasi di antara Kerajaan dan agensi lain bagi membincangkan masalah berkaitan pengurusan operasi saliran dan menjalankan penyeliaan dan pemantauan yang efektif.

21.6.6. JPS perlu merancang dengan teliti penentuan kos projek supaya semua komponen kritikal projek diambil kira.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 155-164
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

22. PROGRAM KEUSAHAWANAN SISWA

22.1. LATAR BELAKANG

22.1.1. Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) telah ditubuhkan pada 12 Januari 2005 bertujuan untuk melaksanakan program latihan keusahawanan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran para usahawan serta bakal usahawan. Penubuhan INSKEN merupakan strategi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk mencapai matlamat mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing.

22.1.2. Program yang dilaksanakan oleh INSKEN merangkumi pelbagai peringkat iaitu pembudayaan keusahawanan; asas keusahawanan serta peningkatan dan pengembangan jaringan perniagaan. Pembudayaan Keusahawanan adalah bertujuan untuk membudayakan semangat keusahawanan di kalangan siswa di Institusi Pengajian Tinggi dan memupuk kesedaran mengenai bidang keusahawanan serta membudayakan keusahawanan sebagai satu kerjaya pilihan. Terdapat 2 komponen program di dalam peringkat pembudayaan keusahawanan iaitu Program Keusahawanan Siswa (PKS) dan Program Usahawan Muda (PUM) yang melibatkan pelajar sekolah menengah, para siswa universiti serta orang awam.

22.1.3. Program Keusahawanan Siswa (PKS) telah dilaksanakan sejak tahun 1989 bertujuan memberi pendedahan dan menjana minat keusahawanan kepada pelajar universiti. Pelajar diberi pendedahan mengenai peluang perniagaan, penyediaan rancangan dan asas perniagaan. Unit Pembudayaan Keusahawanan INSKEN bertanggungjawab terhadap pelaksanaan PKS. Sehingga kini, sebanyak 19 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan sebuah Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) telah terlibat di dalam program ini. Program di bawah PKS terdiri daripada Kursus Asas Keusahawanan Siswa, *Student Mall*, *Student in Free Enterprise* dan Skim Usahawan Siswazah. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

22.1.3.1. **Kursus Asas Keusahawanan Siswa** - Kursus Asas Keusahawanan Siswa (KAKS) telah mula dilaksanakan pada tahun 2003 melibatkan 19 IPTA dan satu IPTS. KAKS telah diperluaskan pelaksanaannya ke 27 politeknik mulai tahun 2010. Objektif KAKS adalah untuk memberi motivasi dan simulasi keusahawanan serta memberi pendedahan mengenai potensi dan peluang yang ada dalam bidang perniagaan. Peserta kursus akan diberikan sijil yang melayakkan mereka memohon pinjaman Tabung Usahawan Siswazah (TUS) yang dikendalikan oleh Bank Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank) selepas tamat pengajian.

22.1.3.2. ***Student Mall*** - Program *Student Mall* merupakan projek pembinaan ruang niaga (mall). Objektif program ini adalah untuk memberi ruang dan pengalaman kepada mahasiswa yang telah mengikuti program pembudayaan keusahawanan di universiti untuk menjalankan perniagaan sendiri di dalam kampus. Program ini melibatkan 20 universiti di mana setiap universiti diagihkan peruntukan berjumlah RM300,000 untuk pembinaan *Student Mall.*

22.1.3.3. ***Student In Free Enterprise*** **(SIFE)** - Program ini telah dilancarkan pada tahun 2000 dan telah bergiat di 19 IPTA dan satu IPTS. INSKEN menyalurkan peruntukan berjumlah RM20,000 pada tahun 2010 kepada setiap universiti bagi menubuhkan pasukan SIFE (bagi universiti yang belum menubuhkan pasukan SIFE) atau menampung perbelanjaan projek yang dilaksanakan oleh pasukan SIFE. Projek yang dilaksanakan oleh pasukan SIFE akan dipertandingkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam acara tahunan yang diadakan.

22.1.3.4. **Skim Usahawan Siswazah (SUS)** - Program ini adalah program anjuran INSKEN dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK). Program ini merangkumi 2 elemen iaitu latihan asas keusahawanan siswa yang dikelolakan oleh 4 universiti tersebut dan dana Tabung Usahawan Siswa (TUS) yang dikendalikan oleh SME Bank. Peserta yang menyertai latihan ini akan diberikan sijil yang melayakkan mereka memohon pinjaman TUS antara RM20,000 hingga RM500,000.

22.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program Keusahawanan Siswa (PKS) di bawah Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

22.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap aktiviti Program Keusahawanan Siswa yang meliputi 4 program iaitu KAKS, *Student Mall,* SIFE dan SUS bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 (kecuali bagi Program *Student Mall* yang mana penilaian dibuat terhadap pembinaan dan operasinya berdasarkan peruntukan yang diberi kepada universiti antara tahun 2007 hingga 2010). Pemeriksaan Audit dijalankan di pejabat INSKEN di Putrajaya serta 13 daripada 20 universiti yang menerima bantuan kewangan daripada INSKEN. Selain itu, pihak Audit juga mendapatkan data daripada SME Bank berhubung maklumat kelulusan pembiayaan kewangan daripada TUS.

22.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan terhadap rekod dan dokumen seperti waran peruntukan, daftar permohonan, minit kelulusan, fail individu peserta serta dokumen lain yang berkaitan. Temu bual dengan pegawai INSKEN, pegawai Pusat Keusahawanan Universiti serta lawatan ke 13 universiti yang dipilih juga dilakukan.

22.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2011 hingga Mac 2012 terhadap Program Keusahawanan Siswa mendapati objektif program untuk membudayakan keusahawanan di kalangan pelajar universiti telah dapat dicapai. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

i. sasaran yang ditetapkan dari segi bilangan siri kursus KAKS tidak dapat dicapai pada tahun 2009 dan 2010;

ii. prestasi pembinaan/perolehan *kiosk Student Mall* adalah kurang memuaskan kerana universiti mengambil masa yang lama iaitu antara 1 hingga 4 tahun untuk memulakan pembinaan/perolehannya selepas menerima peruntukan daripada INSKEN;

iii. bagi SUS, peratusan peserta yang memohon dan yang diluluskan pembiayaan kewangan daripada TUS adalah rendah iaitu hanya 26.3%; dan

iv. terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan program seperti syarat/*Terms of Reference* program tidak dipatuhi sepenuhnya; peruntukan tidak digunakan sepenuhnya serta akaun dan rekod tidak diselenggarakan dengan teratur.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta maklum balas INSKEN adalah seperti di perenggan berikut:

22.5.1. Prestasi Program

22.5.1.1. Pencapaian Kewangan

a. INSKEN telah diluluskan peruntukan pembangunan berjumlah RM4.95 juta pada tahun 2009 dan RM6.08 juta pada tahun 2010 untuk melaksanakan 4 aktiviti di bawah PKS. Peruntukan yang diterima telah diagihkan sepenuhnya kepada 20 universiti. Bagi SUS, perbelanjaan tahun 2010 menggunakan baki peruntukan yang disalurkan pada tahun 2009 manakala peruntukan yang diluluskan pada tahun 2010 berjumlah RM3.0 juta diagihkan kepada 4 universiti untuk dibelanjakan dalam tempoh 5 tahun iaitu mulai tahun 2011 hingga 2015 (RM600,000 setiap tahun). Berdasarkan Laporan PKS Tahun 2009 dan 2010, pihak Audit mendapati prestasi perbelanjaan oleh universiti adalah kurang memuaskan di mana hanya RM3.10 juta (62.6%) telah dibelanjakan pada tahun 2009 dan RM3.35 juta (55.1%) pada tahun 2010. Sebab utama yang menyumbang kepada prestasi perbelanjaan yang rendah ini adalah perbelanjaan bagi aktiviti KAKS yang kurang 60% daripada peruntukan yang disalurkan. Berdasarkan temu bual dengan pihak universiti, antara sebab perbelanjaan KAKS yang rendah ialah bilangan kursus yang dianjurkan kurang daripada yang ditetapkan oleh INSKEN kerana pelajar tidak mempunyai kelapangan masa akibat terlalu banyak aktiviti dalam kampus/kelas.

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2011, tiada peruntukan kewangan yang disalurkan kepada universiti di bawah PKS (kecuali bagi SUS yang telah diagihkan pada tahun 2010) memandangkan INSKEN tidak lagi mendapat peruntukan daripada Kementerian Kewangan. Perbelanjaan ada dilakukan dengan menggunakan baki peruntukan tahun 2010 yang disalurkan, namun laporan perbelanjaan setakat 31 Disember 2011 masih belum dikemukakan oleh pihak INSKEN bagi menunjukkan perbelanjaan yang dilakukan oleh 20 universiti yang melaksanakan KAKS. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 22.1
PERUNTUKAN DISALURKAN BERBANDING
PERBELANJAAN OLEH UNIVERSITI BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

AKTIVITI	TAHUN 2009 (RM Juta)			TAHUN 2010 (RM Juta)			TAHUN 2011 (RM Juta)		
	PERUNTUKAN	BELANJA	(%)	PERUNTUKAN	BELANJA	(%)	PERUNTUKAN	BELANJA	(%)
SUS	0.88	0.20	22.7	0.68*	0.46	67.6	3.0**	0.68	33.3
KAKS	2.87	1.70	59.2	4.55	2.04	44.8	Tiada	TM	-
STUDENT MALL	0.9	0.90	100	0.30	0.30	100	Tiada	Tiada	-
SIFE	0.3	0.30	100	0.55	0.55	100	Tiada	Tiada	-
JUMLAH	**4.95**	**3.10**	**62.6**	**6.08**	**3.35**	**55.1**	**-**	**-**	**-**

Nota: ***(*) - Perbelanjaan Menggunakan Lebihan Baki Peruntukan Tahun 2009***
(**) - Peruntukan Tahun 2011 Berjumlah RM3.0 Juta Adalah Untuk Tempoh 5 Tahun (2011 - 2015)
TM - Tiada Maklumat

Maklum balas Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri yang diterima pada 5 Jun 2012

Bagi tahun 2009, peruntukan yang dibelanjakan hanya mencapai 62.6% adalah disebabkan akaun peruntukan perbelanjaan pembangunan yang dipindahkan daripada Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MeCD) kepada akaun MITI hanya boleh dibelanjakan mulai bulan Ogos 2009. Perbelanjaan hanya boleh dilakukan setelah semua urusan Notis Perubahan Program/Projek RMKe-9 yang dipindahkan kepada MITI diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE) Jabatan Perdana Menteri pada bulan Ogos 2009. Bagi program Kursus Asas Keusahawanan Siswa (KAKS) pula, peruntukan yang dibelanjakan cuma mencapai 59.2% bagi tahun 2009 dan 44.8% sahaja bagi tahun 2010 adalah disebabkan universiti kekurangan peserta semasa cuti semester untuk menyertai kursus kerana kebanyakan mahasiswa terlibat dengan aktiviti kampus yang lain. MITI terus-menerus memantau program ini bagi memastikan baki peruntukan semasa dibelanjakan sepenuhnya oleh universiti mengikut Terms of Reference yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, kegagalan universiti membelanjakan peruntukan pembangunan yang disalurkan oleh MITI boleh menjejaskan pencapaian objektif program ini iaitu untuk membudayakan keusahawanan di kalangan mahasiswa serta memberi pendedahan mengenai potensi dalam bidang perniagaan.

22.5.1.2. Pencapaian Program Keusahawanan Siswa

a. Program Keusahawanan Siswa (PKS) merupakan salah satu komponen di peringkat pembudayaan keusahawanan INSKEN. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), sasaran telah ditetapkan oleh MeCD untuk membudayakan keusahawanan kepada seramai 1.5 juta orang termasuk dari kalangan mahasiswa universiti dan pelajar sekolah. Daripada jumlah tersebut, seramai 150,000 orang dijangka dapat dilatih sebagai usahawan. Selaras dengan sasaran yang ditetapkan, PKS telah diperkenalkan dengan objektif untuk membudayakan semangat keusahawanan di kalangan mahasiswa dan memupuk kesedaran mengenai peluang dan potensi yang ada dalam bidang perniagaan. Program ini memberi peluang kepada mahasiswa untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan dengan memberikan latihan dan menyediakan ruang niaga untuk menjalankan perniagaan dalam kampus. Selain itu, program ini turut memberi peluang kepada mahasiswa yang berhasrat untuk memulakan perniagaan selepas tamat pengajian di universiti dengan memohon pembiayaan daripada SME Bank melalui dana yang disalurkan oleh Kementerian Kewangan.

b. Pada tahun 2010, INSKEN telah melantik kumpulan penyelidik daripada UKM Pakarunding Sdn. Bhd.; Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) serta MASMED Universiti Teknologi Mara (UiTM) untuk menjalankan kajian terhadap PKS meliputi tahun 2006 hingga 2009. Kajian tersebut bertujuan untuk menambah baik PKS. Sebanyak 3 kajian telah dibuat oleh kumpulan penyelidik tersebut iaitu Kajian Impak dan Keberkesanan Modul Latihan INSKEN Dalam Aspek Pemasaran; Impak Program Mewujudkan Usahawan INSKEN dan Program Pembudayaan Keusahawanan INSKEN. Hasil daripada kajian yang dilaksanakan, kumpulan penyelidik telah membuat beberapa cadangan penambahbaikan kepada INSKEN. Antara cadangan tersebut ialah mewujudkan pangkalan data yang melibatkan usahawan di pelbagai sektor di Malaysia;

penstrukturan semula modul pembudayaan keusahawanan; program susulan bagi meningkat dan mengekalkan minat peserta serta pemantauan terhadap kualiti penceramah semasa kursus. Bagaimanapun, didapati cadangan penambahbaikan yang disyorkan dalam kajian tersebut tidak dapat dilaksanakan memandangkan INSKEN tidak lagi menerima peruntukan PKS dari Kementerian Kewangan pada tahun 2011.

Maklum Balas Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

Hasil kajian telah dikemukakan kepada Agensi Pusat iaitu Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kewangan semasa permohonan peruntukan RMKe-10 sebagai dokumen sokongan kepada permohonan. Bagaimanapun, permohonan MITI tidak dipertimbangkan dan PKS tidak diluluskan sebarang peruntukan di bawah Rolling Plan Pertama (2011-2012) dan Rolling Plan Kedua (2012-2013).

c. Berdasarkan Laporan Tahunan PKS tahun 2009 dan 2010 yang disediakan oleh INSKEN dan universiti, pihak Audit mendapati secara amnya objektif untuk membudayakan keusahawanan di kalangan mahasiswa telah dapat dicapai melalui KAKS, *Student Mall* dan SIFE. Bagaimanapun, sasaran yang ditetapkan dari segi bilangan siri kursus KAKS serta penglibatan mahasiswa dalam aktiviti perniagaan melalui S*tudent Mall* masih tidak dapat dicapai sepenuhnya. Manakala peratusan peserta KAKS dan SUS yang memohon dan yang diluluskan pembiayaan kewangan daripada TUS adalah rendah iaitu hanya antara 0.4% hingga 1.6% bagi permohonan pembiayaan dan antara 21.1% hingga 28.6% bagi kelulusan pembiayaan. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

i. Kursus Asas Keusahawanan Siswa (KAKS)

- Semasa mengagihkan peruntukan KAKS kepada universiti, pihak INSKEN telah menetapkan bilangan siri kursus yang perlu dianjurkan oleh universiti berdasarkan peruntukan kewangan yang diberi. Semakan Audit terhadap 13 universiti mendapati INSKEN telah menetapkan bilangan siri kursus yang perlu dianjurkan pada tahun 2009 adalah antara 3 hingga 16 siri dengan peruntukan antara RM105,000 hingga RM560,000 manakala bagi tahun 2010, bilangan siri kursus yang perlu dianjurkan ialah antara satu hingga 17 siri dengan peruntukan antara RM35,000 hingga RM595,000. Bagaimanapun, berdasarkan Laporan PKS tahun 2009, adalah didapati 7 universiti tidak menganjurkan kursus mengikut bilangan siri yang ditentukan oleh INSKEN di mana peratus perbelanjaan adalah antara 8.9% hingga 57.1% daripada peruntukan yang diberikan. Manakala bagi tahun 2010, sebanyak 6 universiti tidak menganjurkan kursus mengikut bilangan siri yang ditentukan oleh INSKEN di mana peratus perbelanjaan adalah antara 33.6% hingga 79.9%. Selanjutnya didapati Universiti Malaysia Kelantan (UMK) tidak melaksanakan langsung KAKS walaupun menerima peruntukan berjumlah RM105,000 dan RM245,000 masing-masing pada tahun 2009 dan 2010. Butirannya seperti di jadual berikut:

JADUAL 22.2
PELAKSANAAN KAKS MENGIKUT UNIVERSITI TAHUN 2009 DAN 2010

UNIVERSITI	2009					2010				
	KETETAPAN INSKEN		PELAKSANAAN SEBENAR			KETETAPAN INSKEN		PELAKSANAAN SEBENAR		
	BIL. SIRI	PERUNTUKAN (RM)	BIL. SIRI	PERBELANJAAN		BIL. SIRI	PERUNTUKAN (RM)	BIL. SIRI	PERBELANJAAN	
				(RM)	%				(RM)	%
Universiti Malaya (UM)	5	175,000	3	80,500	46	7	245,000	3	83,805	34.2
Universiti Kuala Lumpur (UniKL)	8	280,000	1	24,965	8.9	10	350,000	10	254,165	72.6
Universiti Teknologi Mara (UiTM)	16	560,000	12	305,404	54.5	17	595,000	20	382,961	64.4
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	3	105,000	0	0	0	7	245,000	0	0	0
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	3	105,000	3	126,575	120.5	7	245,000	2	82,250	33.6
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	3	105,000	1	24,101	23	1	35,000	4	61,319	175
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	5	175,000	2	100,000	57.1	8	280,000	4	94,943	33.9
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	3	105,000	4	106,231	101.2	5	175,000	7	224,606	128.3
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	3	105,000	1	56,104	53.4	0	0	3	107,670	0
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	3	105,000	3	61,350	58.4	7	245,000	6	*98,600	40.2
Universiti Utara Malaysia (UUM)	5	175,000	2	78,920	45.1	9	315,000	3	144,974	46
Universiti Malaysia Sabah (UMS)	0	0	0	0	0	5	175,000	4	139,865	79.9
JUMLAH	**57**	**1,995,000**	**42**	**964,149**	**48.3**	**83**	**2,905,000**	**66**	**1,675,158**	**57.7**

- Berdasarkan peruntukan yang disalurkan pada tahun 2009 dan 2010, INSKEN menetapkan sejumlah 6,300 peserta perlu dilatih di bawah KAKS. Semakan Audit mendapati sungguhpun bilangan siri kursus yang dilaksanakan kurang daripada yang ditetapkan, namun bilangan peserta KAKS yang berjaya dilatih bagi tempoh tersebut adalah seramai 7,230 peserta iaitu melebihi bilangan yang disasarkan.

Maklum Balas Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

Pihak INSKEN yang merupakan pelaksana PKS mengakui bagi tahun 2009 dan 2010, masing-masing 7 dan 6 universiti tidak melaksanakan program mengikut bilangan siri kursus yang ditetapkan. Bagaimanapun, UiTM telah berjaya melaksanakan sehingga 75% bilangan siri latihan daripada yang ditetapkan pada tahun 2009; UPSI dan UMS pula telah berjaya melaksanakan masing-masing sehingga 86% dan 80% bilangan siri latihan pada tahun 2010. MITI terus memantau universiti-universiti yang telah diluluskan peruntukan bagi melaksanakan KAKS mengikut siri kursus yang ditetapkan dalam TOR. Bagi UMK, peruntukan yang diluluskan tidak di belanja kerana modul yang diajar di dalam kursus KAKS adalah sama dengan silibus pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan. Penggubalan sukatan pelajaran telah dilakukan sejak awal penubuhan UMK yang telah mengambil kira keperluan untuk mewajibkan setiap pelajar mengambil subjek asas keusahawanan sebagai jam kredit.

- Semakan Audit selanjutnya mendapati INSKEN tidak mengagihkan peruntukan bagi melaksanakan KAKS pada tahun 2011 memandangkan PKS tidak lagi mendapat peruntukan kewangan daripada Kementerian Kewangan. Bagaimanapun berdasarkan Laporan Tahunan PKS yang disemak di universiti, pihak Audit mendapati universiti masih lagi melaksanakan KAKS dengan menggunakan baki peruntukan sedia ada di mana sebanyak 47 siri KAKS telah diadakan dengan kos berjumlah RM846,597. Pada akhir tahun 2011, pihak Audit mendapati masih terdapat baki peruntukan berjumlah RM2.58 juta yang tidak dibelanjakan. Butirannya seperti butiran di jadual berikut:

JADUAL 22.3
PELAKSANAAN KAKS MENGIKUT UNIVERSITI TAHUN 2011

UNIVERSITI	BAKI PERUNTUKAN PADA AWAL TAHUN 2011 (RM)	PELAKSANAAN KAKS PADA TAHUN 2011		BAKI PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN PADA AKHIR TAHUN 2011 (RM)
		BIL. SIRI	BELANJA (RM)	
Universiti Malaya (UM)	353,695	4	131,500	222,195
Universiti Kuala Lumpur (UniKL)	632,297	0	0	632,297
Universiti Teknologi Mara (UiTM)	518,502	21	431,560	86,942
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	350,000	0	0	350,000
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	209,255	1	55,550	153,705
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	254,013	2	TM	254,013
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	260,057	4	35,108	224,949
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	169,081	4	35,108	133,973
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	146,029	3	TM	146,029
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	190,050	4	43,020	147,030
Universiti Utara Malaysia (UUM)	311,096	3	89,520	221,576
Universiti Malaysia Sabah (UMS)	35,135	1	25,231	9,904
JUMLAH	**3,429,210**	**47**	**846,597**	**2,582,613**

Nota: ***TM - Tiada Maklumat***

Maklum Balas Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

Peruntukan yang disalurkan kepada universiti-universiti dalam tempoh RMKe-9 boleh dibelanjakan untuk tahun-tahun berikutnya kerana mengikut peraturan kewangan Kerajaan, agensi atau badan berkanun dibenarkan untuk berbuat demikian. Dengan itu, baki peruntukan sebanyak RM2.58 juta tersebut akan terus dibelanjakan bagi pelaksanaan program. MITI akan memantau pelaksanaan program bagi tahun 2012 dan tahun-tahun berikutnya oleh universiti secara penyediaan laporan setiap 4 bulan sekali bagi menentukan baki peruntukan tersebut dibelanjakan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, peruntukan KAKS perlu dibelanjakan semaksimumnya supaya lebih ramai mahasiswa diberi pendedahan mengenai keusahawanan selaras dengan objektif PKS.

ii. *Student Mall*

- Sejumlah RM6.30 juta telah diperuntukkan bagi membina *Student Mall* di 21 universiti (termasuk UiTM Machang) di mana setiap universiti telah diagihkan RM300,000 antara tahun 2007 hingga 2010. Mengikut syarat INSKEN, pembinaan *Student Mall* mestilah dari jenis bangunan kekal, namun berdasarkan Mesyuarat Penyelarasan PKS Bil. 1 Tahun 2011, INSKEN membenarkan universiti membeli *kiosk* mudah alih sebagai ganti premis perniagaan kekal. Lawatan Audit di 13 universiti mendapati hanya 9 universiti telah menyiapkan *Student Mall* untuk mahasiswa menjalankan perniagaan. Bagaimanapun, didapati 8 universiti mengambil masa antara satu hingga 4 tahun untuk memulakan pembinaan/perolehan *kiosk Student Mall.* Antara sebab kelewatan pembinaan/perolehan *kiosk Student Mall* ialah perubahan reka bentuk akibat kekangan peruntukan dan pelan bangunan asal yang tidak menepati syarat Pihak Berkuasa Tempatan. Maklumat lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 22.4
PEMBINAAN *STUDENT MALL*

UNIVERSITI	TAHUN PERUNTUKAN DISALURKAN	TARIKH PEMBINAAN BERMULA	TEMPOH DIAMBIL UNTUK MEMULAKAN PEMBINAAN/ PEROLEHAN *KIOSK STUDENT MALL* (Tahun)
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	2009	2010	1
Universiti Kuala Lumpur (UniKL)	2007	2010	3
Universiti Malaya (UM)	2008	2010	2
Universiti Malaysia Sabah (UMS)	2007	2011	4
Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)	2007	TM	Tidak Dapat Ditentukan
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	2007	TM	Tidak Dapat Ditentukan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	2007	2010	3
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	2007	2009	2
Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam	2007	2009	2
Universiti Teknologi Mara (UiTM) Machang	2007	2011	4
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	2007	TM	-
Universiti Utara Malaysia (UUM)	2009	Tidak Bina	-
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	2010	2010	-

Nota: ***TM - Tiada Maklumat Kerana Universiti Terlibat Belum Mengemukakan Maklumat Kepada Pihak Audit***

Maklum Balas Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

INSKEN menjelaskan kelewatan adalah atas sebab teknikal seperti terpaksa mematuhi syarat Pihak Berkuasa Tempatan dan perlu mendapat kelulusan pelbagai jabatan di universiti. Secara keseluruhan, tempoh pembinaan tidak mengambil masa yang lama, sebaliknya tempoh kelulusan daripada pelbagai Agensi Penguat Kuasa yang melewatkan proses pembangunan projek Student Mall. Selain itu, kelewatan pembinaan juga disebabkan oleh perubahan reka bentuk yang diputuskan oleh pihak universiti.

- Semakan selanjutnya mendapati setakat akhir bulan Januari 2012, sebanyak 3 universiti masih dalam proses menyediakan *Student Mall* iaitu UM, UMS dan UiTM Machang. Adalah didapati peruntukan pembinaan *Student Mall* bagi UM telah disalurkan pada tahun 2008, namun sehingga tarikh lawatan Audit pada 19 Januari 2012, didapati kerja pembinaan masih belum siap sepenuhnya (**Gambar 22.1**). Bagi UiTM Machang, peruntukan

untuk *Student Mall* diluluskan pada bulan Disember 2007, namun sehingga tarikh lawatan Audit pada bulan Februari 2012, didapati tapak untuk menempatkan *kiosk Student Mall* masih dalam pembinaan (**Gambar 22.3**). Hasil temu bual dengan Penyelaras Pusat Keusahawanan di universiti berkenaan, didapati kelewatan pembinaan tapak tersebut adalah disebabkan kesukaran mendapatkan lokasi yang sesuai. Manakala, peruntukan *Student Mall* bagi UMS diterima pada tahun 2007, namun sehingga tarikh lawatan Audit pada bulan Disember 2011, didapati kerja menaik taraf premis sedia ada di Sekolah Pengajian Seni untuk dijadikan *Student Mall* masih belum disiapkan (**Gambar 22.6**).

Maklum Balas Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Yang Diterima Pada 5 Jun 2012


Projek Student Mall UM telah disiapkan sepenuhnya pada 13 Februari 2012 (Gambar 22.2). Projek Student Mall di UiTM Machang pula sebenarnya tiada di dalam rekod pemantauan INSKEN sehinggalah bulan Mac 2011 apabila masalah pembinaan Student Mall tersebut dibangkitkan dalam Mesyuarat Penyelarasan Program Keusahawanan Siswa Bil. 1/2011 pada 4 Mac 2011. Dokumen-dokumen mengenainya tiada di dalam fail projek PKS yang diterima daripada MeCD setelah dibubarkan pada 9 April 2009. Bagaimanapun, tapak Student Mall telah disiapkan pada pertengahan bulan Mei 2012 (Gambar 22.4 dan 22.5) dan 18 unit kiosk bergerak telah ditempah untuk mahasiswa menjalankan perniagaan. Bagi projek Student Mall UMS, projek dilaksanakan dalam 2 peringkat iaitu projek pertama sebanyak 7 lot kedai dibina di Bangunan HEP UMS dan disiapkan pada tahun 2010. Projek yang kedua melibatkan 3 lot kedai di Fakulti Pengajian Seni juga telah disiapkan pada bulan Mei 2012 seperti di Gambar 22.7.

GAMBAR 22.1



Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Student Mall Masih Dalam Proses Pembinaan Walaupun Telah Menerima Peruntukan Pada Tahun 2008 (19.01.2012)

GAMBAR 22.2



Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Tapak Student Mall Yang Telah Siap Sepenuhnya Pada Bulan Februari 2012
(Sumber Gambar: Universiti Malaya - 18.05.2012)

GAMBAR 22.3



Universiti Teknologi Mara, Machang, Kelantan
- Tapak Student Mall Masih Dalam Proses Pembinaan Semasa Lawatan Audit Walaupun Telah Menerima Peruntukan Pada Tahun 2007 (28.02.2012)

GAMBAR 22.4



Universiti Teknologi Mara, Machang, Kelantan
- Tapak Student Mall Yang Telah Disiapkan Pada Bulan Mei 2012
(Sumber: UiTM Machang - 17.05.2012)

GAMBAR 22.5



Universiti Teknologi Mara, Machang, Kelantan
- Contoh Kiosk Bergerak Yang Telah Ditempah
(Sumber: UiTM Machang - 17.05.2012)

GAMBAR 22.6



Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah
- Premis Yang Dinaik Taraf Kepada Student Mall Masih Dalam Pembinaan Walaupun Peruntukan Telah Diterima Pada Tahun 2007
(06.12.2011)



GAMBAR 22.7

Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah
- Tapak Student Mall Yang Telah Disiapkan Pada Bulan Mei 2012
(Sumber: Universiti Malaysia Sabah - 21.05.2012)

- Berdasarkan lawatan fizikal yang dijalankan, pihak Audit mendapati *Student Mall* di beberapa universiti seperti UiTM Shah Alam, UniKL dan UTHM telah menepati objektifnya iaitu untuk memberi peluang kepada mahasiswa menjalankan perniagaannya sendiri di dalam kampus. Gambar-gambar berikut menunjukkan *Student Mall* yang diusahakan oleh mahasiswa.

GAMBAR 22.8



Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor
- Student Mall Yang Dibina Telah Beroperasi
(16.02.2012)

GAMBAR 22.9



Universiti Kuala Lumpur, Kuala Lumpur
- Student Mall Yang Dibina Telah Beroperasi
(05.03.2012)



GAMBAR 22.10

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
Batu Pahat, Johor
- Student Mall Yang Dibina Telah Beroperasi
(29.02.2012)

- Sungguhpun *Student Mall* telah menepati objektif yang ditetapkan secara amnya, namun pihak Audit mendapati *Student Mall* di UMK mengalami masalah untuk beroperasi walaupun telah siap dibina. *Student Mall* ini yang telah disiapkan pada bulan April 2011 masih belum beroperasi sehingga

lawatan Audit pada bulan Februari 2012 disebabkan pembinaan *partition* di tapak *Student Mall* masih belum dibuat seperti ditunjukkan di gambar berikut:

GAMBAR 22.11



GAMBAR 22.12




Universiti Malaysia Kelantan
- Student Mall Di UMK Yang Telah Disiapkan Pada Bulan April 2011 Masih Belum Beroperasi (29.02.2012)

Maklum Balas Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

INSKEN telah meminta pihak pengurusan UMK menyegerakan operasi Student Mall kerana projek tersebut telah disiapkan bagi mengelakkan pembaziran.

- Pihak Audit telah mengedarkan soal selidik kepada 18 mahasiswa yang menjalankan perniagaan di *Student Mall* bagi mendapatkan maklum balas terhadap kemudahan yang disediakan. Hasil analisis terhadap soal selidik tersebut mendapati sebanyak 27.8% responden berpendapat persekitaran *Student Mall* kurang sesuai disebabkan lokasi yang tidak menjadi tumpuan mahasiswa dan kurangnya aktiviti lain di kawasan sekitar yang boleh menarik pengunjung ke *Student Mall;* 27.8% responden berpendapat lebih banyak usaha mempromosikan *Student Mall* perlu dibuat; 27.8% berpendapat pembinaan *Student Mall* tidak berkualiti di mana terdapat kecacatan pembinaan seperti jubin tertanggal, paip pecah dan masalah pendawaian elektrik; 22.2% daripada responden berpendapat lot perniagaan *Student Mall* perlu ditambah dan 16.7% pula kurang berpuas hati terhadap tahap pengurusan *Student Mall* universiti seperti kelewatan tindakan pembaikan kerosakan. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

CARTA 22.1
MAKLUM BALAS MAHASISWA YANG BERNIAGA DI *STUDENT MALL*



Pada pendapat Audit, INSKEN sepatutnya menetapkan tempoh bagi universiti menyiapkan pembinaan *Student Mall* supaya mahasiswa dapat memulakan perniagaan sepertimana objektif yang ditetapkan.

iii. *Student In Free Enterprise* (SIFE)

Sebanyak RM550,000 telah diperuntukkan oleh INSKEN kepada 20 universiti pada tahun 2010 untuk melaksanakan program SIFE. Mahasiswa akan menjalankan projek keusahawanan bagi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup komuniti terlibat. Selain itu, pasukan SIFE juga memberikan idea-idea inovasi seperti kaedah baru dalam penanaman dan penternakan, penggunaan mesin menggantikan kaedah tradisional serta mempelbagaikan produk perniagaan yang boleh meningkatkan produktiviti perniagaan dan pendapatan. Lawatan Audit di 12 universiti mendapati program tersebut telah dilaksanakan dengan jayanya dan memberi banyak manfaat kepada pelajar dan komuniti yang terlibat. Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada 18 komuniti yang terlibat dan hasil analisis mendapati pendapatan responden meningkat antara RM500 ke RM1,000 sebulan. **Gambar 22.13** hingga **22.18** menunjukkan projek SIFE yang berjaya dilaksanakan.

GAMBAR 22.13



Kampung Kipouvo, Penampang, Sabah
- Projek Homestay Yang Dilaksanakan Oleh Penduduk Kampung Idea Daripada Pasukan SIFE UMS
(07.12.2011)

GAMBAR 22.14



Jalan Sulaman, Kota Kinabalu, Sabah
- Jelly Kelapa Hasil Inovasi Oleh Pasukan SIFE UMS
(07.12.2011)

GAMBAR 22.15




Kodiang, Kedah
- Idea Pembungkusan Oleh Pasukan SIFE UUM
(20.12.2011)

GAMBAR 22.16



Kodiang, Kedah
- Pasukan SIFE UUM Membantu Peniaga Mendapatkan Kemudahan Mesin
(20.12.2011)

GAMBAR 22.17



GAMBAR 22.18



Kampung Johor Lama, Johor
- Pasukan SIFE UTM Membantu Dalam Pengurusan Penternakan Ikan Dalam Sangkar
(28.02.2012)

Pada pendapat Audit, Program SIFE yang dilaksanakan oleh universiti memberi impak yang positif kepada komuniti setempat.

iv. Skim Usahawan Siswazah

- INSKEN telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM883,266 kepada UiTM pada tahun 2009 untuk melaksanakan latihan asas keusahawanan siswa di bawah Skim Usahawan Siswazah (SUS). Semakan Audit mendapati UiTM telah melaksanakan 5 siri latihan asas keusahawanan siswa dengan kos berjumlah RM200,000 pada tahun 2009. Bagi tahun 2010, INSKEN telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM3 juta kepada 4 universiti untuk melaksanakan latihan asas keusahawanan siswa bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015. Bilangan siri latihan yang ditetapkan bagi tempoh tersebut ialah 50 siri. Pihak Audit mendapati setakat akhir tahun 2011, sebanyak 20 siri latihan telah dijalankan melibatkan 567 peserta dengan kos berjumlah RM680,000.

- Semakan selanjutnya mendapati bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, sebanyak 118 (1.4%) daripada 8,212 peserta KAKS dan SUS telah mengemukakan permohonan pembiayaan kewangan daripada Tabung Usahawan Siswa (TUS) kepada SME Bank untuk memulakan perniagaan. Bagaimanapun hanya 31 (26.3%) permohonan telah diluluskan manakala selebihnya ditolak. Menurut pegawai SME Bank, kebanyakan pemohon gagal mendapatkan pembiayaan kerana tidak memenuhi penilaian kredit yang ditetapkan oleh SME Bank. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 22.5
KELULUSAN PEMBIAYAAN TUS KEPADA PESERTA KAKS DAN SUS

TAHUN	BIL. PESERTA YANG MENGIKUTI KURSUS			PEMOHONAN PEMBIAYAAN DARIPADA PESERTA KAKS & SUS		PEMOHON YANG BERJAYA		PESERTA KAKS		PESERTA SUS	
	KAKS	SUS	JUMLAH	BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%
2009	3,003	145	3,148	50	1.6	13	26	*TM	-	*TM	-
2010	4,227	270	4,497	19	0.4	4	21.1	0	0	4	100
2011	**TM	567	567	49	8.6	14	28.6	2	14.3	12	85.7
JUMLAH	**7,230**	**982**	**8,212**	**118**	**1.4**	**31**	**26.3**	**-**	**-**	**-**	**-**

Nota: (*) - Tiada Maklumat Kerana INSKEN Dan SME Bank Tidak Mempunyai Data Mengikut Aktiviti (KAKS Dan SUS) Bagi Tahun 2009
(**) - Maklumat Tidak Dapat Dikemukakan Oleh Pihak INSKEN

Maklum Balas Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

Penilaian kredit oleh SME Bank bagi satu-satu permohonan pinjaman adalah berdasarkan kepada potensi projek yang akan dilaksanakan; memenuhi syarat permohonan TUS yang ditetapkan; latar belakang peminjam dan penjamin berdasarkan rekod CCRIS/CTOS serta dokumen sokongan yang lengkap dikemukakan. Bagi meningkatkan lagi permohonan TUS yang berjaya, INSKEN dan SME Bank telah membuat penambahbaikan ke atas modul kursus SUS dengan memberi penekanan kepada penyediaan rancangan perniagaan mengikut keperluan SME Bank; subjek perancangan kewangan syarikat diberi nilai tambah dan pemilihan bidang perniagaan yang lebih kompetitif dan menguntungkan. Perbincangan dengan SME Bank juga diadakan secara berkala dan setiap rancangan perniagaan daripada graduan akan disemak dan ditapis oleh pihak INSKEN bagi memastikan permohonan memenuhi kriteria ditetapkan oleh SME Bank.

Berdasarkan maklum balas yang dikemukakan, pihak Audit berpendapat bahawa INSKEN telah mengambil langkah yang positif untuk membantu graduan mendapatkan pembiayaan dari SME Bank. Bagaimanapun, INSKEN perlu memastikan tindakan susulan secara proaktif diambil selaras dengan penambahbaikan yang dicadangkan supaya bilangan graduan yang diluluskan pinjaman oleh SME Bank dapat ditingkatkan.

22.5.1.3. Semakan Audit mendapati antara sebab pencapaian sasaran yang kurang memuaskan bagi aktiviti KAKS dan kelemahan dalam pembinaan/penyediaan kemudahan *Student Mall* adalah seperti berikut:

a. INSKEN telah menyediakan *Terms of Reference* (TOR) semasa menyalurkan peruntukan kepada setiap universiti. Namun begitu, adalah didapati ketetapan TOR tersebut tidak dilaksanakan sepenuhnya terutama dalam aspek pemantauan. Tanggungjawab INSKEN mengikut TOR dan pelaksanaannya adalah seperti berikut:

   i. Menyelaras Program Keusahawanan Siswa melalui mesyuarat dengan semua universiti terlibat bagi membincangkan perancangan, pelaksanaan dan keberkesanan program. Semakan Audit mendapati mesyuarat penyelarasan telah diadakan sebanyak 6 kali sepanjang tempoh tahun 2009 hingga 2011. Mesyuarat tersebut antaranya membincangkan kelewatan pembinaan *Student Mall* di mana universiti digesa supaya menyegerakan pembinaan *Student Mall* dan mengemukakan laporan status pembinaan kepada INSKEN.

   ii. Mengadakan pemantauan pada bila-bila masa di mana-mana universiti mengikut keperluan. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan INSKEN menjalankan pemantauan dalam tempoh tahun 2009 hingga 2011.

   iii. Menganalisis keberkesanan program/aktiviti, kewangan (peruntukan dan perbelanjaan) dan melaksanakan pengauditan. Antara perkara yang akan diaudit termasuklah aktiviti dan perbelanjaan setiap universiti; Laporan Kemajuan Pembinaan *Student Mall* serta pangkalan data peserta yang terlibat dalam program/aktiviti PKS. Semakan Audit mendapati INSKEN hanya menjalankan pengauditan sekali sahaja iaitu pada bulan April 2010 bersama-sama dengan Unit Audit Dalam MITI di 11 universiti.

b. Mengikut penjelasan pihak INSKEN, mereka menghadapi kekangan dari segi guna tenaga menyebabkan pemantauan yang sewajarnya tidak dapat dilakukan. Seksyen Pembudayaan Keusahawanan, INSKEN yang menguruskan PKS telah diluluskan 3 jawatan iaitu Ketua Penolong Pengarah Gred M48 dan 2 jawatan Penolong Pengarah Gred M41. Semasa pengauditan dijalankan, hanya seorang pegawai yang menguruskan PKS iaitu Penolong Pengarah Gred M41.

c. INSKEN tidak mengkaji dengan teliti semasa memutuskan pengagihan peruntukan kepada universiti. Ini menyebabkan peruntukan kepada UMK berjumlah RM105,000 pada tahun 2009 dan RM245,000 pada tahun 2010 tidak dibelanjakan langsung. Ini kerana universiti berkenaan merupakan universiti keusahawanan di mana silibus yang diajar sama dengan modul KAKS. Begitu juga dengan pengagihan peruntukan *Student Mall* berjumlah RM300,000 kepada UUM. Pengagihan dibuat pada tahun 2009 walaupun UUM telah mempunyai *Student Centre* yang dibuka mulai tahun 2004 seperti di **Gambar 22.19** dan **22.20**. *Student Centre* ini mempunyai fungsi yang sama dengan *Student Mall* kerana ia juga menyediakan premis perniagaan untuk mahasiswa menjalankan perniagaan. Sehubungan itu, pihak Audit mendapati UUM

telah menggunakan sebahagian daripada peruntukan tersebut berjumlah RM173,559 untuk menaik taraf makmal simulasi perniagaan. Makmal ini digunakan untuk mahasiswa menjalani latihan praktikal secara simulasi.

GAMBAR 22.19



GAMBAR 22.20



Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah
- Student Centre Universiti Yang Dibuka Pada Tahun 2004
(19.12.2011)

Maklum Balas Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

Bagi projek Student Mall di UUM, peruntukan yang diluluskan sebanyak RM300,000 ialah kadar yang ditetapkan bagi semua universiti tanpa mengambil kira UUM telah mempunyai Student Centre. Peruntukan yang digunakan sebanyak RM173,559 untuk membangunkan Virtual Mall dalam Makmal Simulasi Perniagaan adalah munasabah dan amat bermanfaat untuk melatih para pelajar dalam bidang keusahawanan.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dilakukan tidak mencukupi walaupun mekanismenya telah ditetapkan melalui TOR. Ini antaranya disebabkan oleh faktor kekurangan kakitangan serta ketiadaan maklumat program yang lengkap dan terperinci semasa program ini dipindahkan kepada MITI.

22.5.2. Pengurusan Program Keusahawanan Siswa

Program Keusahawanan Siswa (PKS) dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar di universiti melalui Pusat Keusahawanan Universiti atau oleh Pegawai Penyelaras Program yang dilantik oleh Naib Canselor Universiti. Pelaksanaan PKS hendaklah berpandukan kepada TOR yang telah disediakan oleh pihak INSKEN. Semakan Audit mendapati secara umumnya pengurusan PKS di universiti adalah teratur dan berpandukan TOR yang ditetapkan kecuali bagi perkara seperti berikut:

22.5.2.1. Berdasarkan surat penyaluran peruntukan, syarat-syarat pembinaan *Student Mall* mestilah bangunan kekal; minimum 10 lot perniagaan; di kawasan yang strategik dan mempunyai logo MITI. Bagaimanapun, INSKEN melalui Mesyuarat Penyelarasan Program Keusahawanan Siswa Bil. 1 Tahun 2011 pada 4 Mac 2011 telah menyarankan 4 universiti yang mempunyai kekangan dan masalah pembinaan *Student Mall* agar membeli *kiosk* mudah alih sebagai ganti premis perniagaan kekal. Universiti yang terlibat ialah UMS, UIAM, UiTM Cawangan Machang dan UM. Lawatan Audit mendapati beberapa syarat pembinaan/perolehan *Kiosk Student Mall* yang ditetapkan tidak dipatuhi. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 22.6
PEMATUHAN SYARAT PEMBINAAN *STUDENT MALL*

UNIVERSITI	SYARAT PEMBINAAN STUDENT MALL				PENEMUAN AUDIT	CATATAN
	BANGUNAN KEKAL	MINIMUM 10 LOT	KAWASAN STRATEGIK	LOGO MITI		
* Universiti Malaya (UM)	✓	×	✓	-	Hanya mempunyai 6 lot kedai.	UM memaklumkan projek *Student Mall* hanya mempunyai 6 lot kedai kerana masalah ruang dan kewangan. Sebagai ganti, pihak UM akan membeli *kiosk* mudah alih. Pihak UM juga akan meletakkan logo MITI pada papan tanda *Student Mall*.
Universiti Kuala Lumpur (UniKL)	✓	×	✓	×	- 12 lot perniagaan dibina dengan kos RM793,769.66. - Hanya 6 lot daripadanya menggunakan peruntukan PKS yang berjumlah RM300,000.	
* Universiti Teknologi Mara (UiTM) Machang	-	✓	✓	-	- Pembinaan tapak perniagaan dengan kos RM105,800 telah disiapkan pada pertengahan bulan Mei 2012. - - Sebanyak 18 unit *kiosk* telah ditempah dengan kos berjumlah RM142,800.	*Student Mall* dijangka beroperasi pada bulan Jun 2012.
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	×	-	✓	×	Pembinaan telah siap tetapi belum beroperasi.	
Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)	✓	×	×	×	5 lot perniagaan dibina di kawasan yang tidak strategik dan jauh dari asrama, bangunan kelas dan pentadbiran. **(Gambar 22.21)**	
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	✓	✓	✓	✓	Satu lot dijadikan Pusat Sekretariat Keusahawanan dan SIFE.	
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	✓	✓	×	×	- Satu lot dijadikan Pusat Sekretariat Keusahawanan dan SIFE. - Hanya 5 daripada 9 unit kedai yang beroperasi. Lokasi *Student Mall* berdekatan dengan Arked Meranti yang diusahakan oleh peniaga luar menyebabkan perniagaan di *Student Mall* kurang mendapat sambutan. **(Gambar 22.22)**	
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	✓	×	✓	×	4 lot perniagaan dan 1 Pejabat Keusahawanan.	
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	×	-	✓	×	*Student Mall* yang telah siap dibina dengan kos RM288,888 bukan merupakan bangunan kekal.	
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	×	×	✓	×	2 daripada 4 unit *kiosk* tidak dapat diperiksa oleh pihak Audit kerana tidak mendapat kebenaran universiti.	

UNIVERSITI	SYARAT PEMBINAAN STUDENT MALL				PENEMUAN AUDIT	CATATAN
	BANGUNAN KEKAL	MINIMUM 10 LOT	KAWASAN STRATEGIK	LOGO MITI		
Universiti Utara Malaysia (UUM)	Peruntukan *Student Mall* Digunakan Bagi Menaik Taraf Makmal Simulasi Perniagaan Untuk Kegunaan Pelajar.					
* Universiti Malaysia Sabah (UMS)	✓	✓	✓	×	Menaik taraf bangunan sedia ada kepada *Student Mall*.	Pembelian *kiosk* telah dilaksanakan - 7 *kiosk* di UMS Kampus Antarabangsa Labuan dan 8 *kiosk* di Kampus Induk UMS, Kota Kinabalu

Nota: ***✓- Mematuhi*** ***× Tidak Mematuhi***
(*) - Tertakluk Kepada Keputusan Mesyuarat Penyelarasan Program Keusahawanan Siswa Bilangan 1 Tahun 2011

GAMBAR 22.21



Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu
- Student Mall Yang Dibina Di Lokasi Yang Tidak Strategik Dan Jauh Dari Bangunan Pentadbiran, Kelas Dan Asrama (01.03.2012)

GAMBAR 22.22



Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor
- Student Mall Di UTM Kurang Mendapat Sambutan Di Mana Hanya 5 Daripada 9 Unit Kedai Yang Beroperasi (27.02.2012)



GAMBAR 22.23

Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Melaka
- Student Mall Yang Telah Siap Dibina Dengan Kos RM288,888 Bukan Merupakan Bangunan Kekal (22.02.2012)

Pihak UTM memaklumkan Student Mall kurang mendapat sambutan kerana lokasinya berhampiran Arked Meranti yang lebih mendapat sambutan. Sehubungan itu, Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni (HEMA) UTM mencadangkan pengubahsuaian akses laluan Student Mall bagi menarik pelajar mengunjungi lot-lot kedai di Student Mall berkenaan. Pihak Timbalan Naib Canselor HEMA telah diminta untuk menyegerakan pengisian 4 lagi unit kedai berkenaan kepada mahasiswa yang berminat.

Pada pendapat Audit, INSKEN perlu memastikan pelaksanaan program oleh universiti mengikut kriteria yang ditetapkan dalam TOR atau mengikut kelulusan/kelonggaran yang diberikan pada tahun 2011.

22.5.2.2. Peruntukan yang diterima hendaklah dibelanjakan bagi maksud ianya disalurkan. Pemeriksaan Audit mendapati pada tahun 2010, UniKL telah menerima RM70,000 peruntukan SIFE di mana RM50,000 daripadanya adalah untuk kampus cawangan. Semakan Audit mendapati UniKL Kampus Induk hanya mengagihkan peruntukan tersebut ke kampus Cawangan Melaka berjumlah RM9,152; Cawangan Jenderam Hulu dan Cawangan Bangi masing-masing berjumlah RM3,000. Menurut penyelaras pusat keusahawanan universiti, penyaluran hanya dibuat berdasarkan permohonan dari kampus cawangan.

Maklum Balas Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

UniKL telah menubuhkan pasukan SIFE di semua kampus cawangannya. Permohonan daripada 8 kampus cawangan telah diproses dan baki peruntukan akan diserahkan kepada kampus cawangan. Pihak UniKL juga akan memohon kepada INSKEN untuk menggunakan peruntukan yang masih berbaki bagi persiapan pertandingan SIFE Malaysia 2012.

22.5.2.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati INSKEN ada menyediakan laporan tahunan bagi aktiviti dan perbelanjaan PKS secara keseluruhannya berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh universiti. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap dokumen dan rekod di Pusat Keusahawanan Universiti mendapati wujud perbezaan maklumat dengan Laporan Tahunan PKS yang disediakan oleh INSKEN dari aspek peruntukan, perbelanjaan dan bilangan siri kursus yang dilaksanakan. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 22.7
PERBEZAAN MAKLUMAT ANTARA PUSAT KEUSAHAWANAN UNIVERSITI DAN LAPORAN TAHUNAN PKS YANG DISEDIAKAN OLEH INSKEN

UNIVERSITI	MAKLUMAT YANG BERBEZA DENGAN LAPORAN TAHUNAN PKS YANG DISEDIAKAN OLEH INSKEN				
	PERUNTUKAN SIFE	PERBELANJAAN			BIL. SIRI KURSUS
		KAKS	SIFE	STUDENT MALL	
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	✓	×	×	×	×
Universiti Kuala Lumpur (UniKL)	×	✓	×	×	✓
Universiti Malaya (UM)	✓	×	×	×	×
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	✓	×	×	×	×
Universiti Malaysia Sabah (UMS)	✓	×	×	×	×
Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)	✓	✓	×	×	✓
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	✓	×	×	×	×
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	✓	✓	×	×	✓
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	✓	×	×	×	✓
Universiti Teknologi Mara (UiTM)	×	×	×	×	×
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	✓	×	×	×	×
Universiti Utara Malaysia (UUM)	✓	×	×	×	✓

Nota : ***✓ - Sama*** ***× - Berbeza***

Maklum Balas Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

Kebanyakan peruntukan yang disalurkan oleh INSKEN ke universiti-universiti diakaunkan ke dalam akaun Bendahari Universiti dan tidak diwujudkan akaun berasingan. Hanya 3 universiti mewujudkan akaun berasingan iaitu UniSZA, UiTM dan UTHM. Ini menyukarkan pihak universiti untuk mengesan dan memantau perbelanjaan mengikut program yang ditetapkan berdasarkan peruntukan yang diterima. Di dalam mesyuarat pada 26 April 2012, kesemua universiti terlibat telah mengakui kesilapan tersebut dan akan mengambil tindakan membetulkan akaun, peruntukan yang diterima dan bilangan siri kursus yang dilaksanakan bagi laporan yang akan datang. INSKEN juga akan menjalankan pemantauan secara berterusan bagi memastikan rekod kewangan, laporan aktiviti dan perbelanjaan PKS disediakan dengan tepat dan teratur.

Pada pendapat Audit, INSKEN perlu memastikan maklumat laporan aktiviti dan perbelanjaan PKS yang dikemukakan oleh universiti adalah tepat.

22.6. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi pengurusan program yang akan datang dan memastikan kelemahan yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya pihak INSKEN mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

22.6.1. Merancang dengan teliti dan mengenal pasti keperluan sebenar sebelum penyaluran peruntukan dibuat. Peruntukan hendaklah disalurkan secara berperingkat mengikut keperluan/kemajuan program.

22.6.2. Mewujudkan pangkalan data peserta program yang komprehensif dan dikemas kini secara berkala bagi menilai keberkesanan program dan memudahkan pemantauan dibuat.

22.6.3. Melaksanakan pemantauan secara berterusan bagi memastikan peruntukan yang disalurkan kepada universiti dibelanjakan sepenuhnya untuk mencapai objektif program yang telah ditetapkan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 165-171
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

23. PEMBINAAN JAMBATAN KEDUA SULTAN YAHYA PETRA, KOTA BHARU, KELANTAN

23.1. LATAR BELAKANG

23.1.1. Jambatan Sultan Yahya Petra merupakan penghubung utama antara Bandar Kota Bharu dengan Tumpat. Kegiatan ekonomi dan sosial di Tumpat serta sebahagian Bandar Pasir Mas banyak bergantung kepada Jambatan Sultan Yahya Petra. Jambatan ini yang dibina pada tahun 1967 hanya direka bentuk untuk menanggung beban seberat 11 tan sahaja. Namun bancian yang dijalankan menunjukkan aliran trafik yang menggunakan Jambatan Sultan Yahya Petra telah meningkat sehingga 22,000 buah kenderaan sehari. Kadar aliran trafik di jambatan ini adalah sangat perlahan akibat daripada bilangan kenderaan yang bertambah dan lorongnya yang sempit serta kejadian kemalangan yang sering berlaku. Oleh itu, satu projek jambatan baru telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) sebagai alternatif bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas dan menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna.

23.1.2. Konsortium I.S Resourcers Sdn. Bhd. - RIS Capital Sdn. Bhd. telah dilantik secara rundingan terus untuk melaksanakan projek ini dalam tempoh 30 bulan iaitu dari 18 Jun 2007 hingga 17 Disember 2009 dengan kos asal berjumlah RM143 juta. Agensi pelaksana bagi projek ini ialah Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR). Bagaimanapun, projek ini telah diserah hak kepada Aneka Prestij Sdn. Bhd. oleh Konsortium I.S Resourcers Sdn. Bhd. - RIS Capital Sdn. Bhd. pada bulan Mac 2010 untuk menyiapkan baki pembinaan yang gagal disiapkan setelah mendapat persetujuan daripada JKR. Sehingga 31 Disember 2011, kemajuan kerja di tapak adalah 76.5%.

23.1.3. Skop kerja yang terlibat dalam projek ini ialah membina jambatan baru di kiri dan kanan jambatan sedia ada bermula dari Pasir Pekan merentasi Sungai Kelantan dan bercantum menjadi *elavated structure* di atas Bulatan Kijang, Persimpangan Wakaf Siku dan berakhir di Jalan Dusun Muda di atas jajaran jalan sedia ada (FT3) sejauh 2.8 km mengikut formasi 4 lorong 2 hala. Skop kerja lain yang terlibat adalah sistem perparitan, kerja-kerja tanah, perabot jalan, penambahan persimpangan dan lain-lain kerja berkaitan. Lokasi pembinaan adalah seperti di rajah berikut:

RAJAH 23.1
LOKASI PEMBINAAN JAMBATAN KEDUA SULTAN YAHYA PETRA, KOTA BHARU, KELANTAN



23.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek Pembinaan Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Kota Bharu, Kelantan telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif pembinaan yang ditetapkan.

23.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek Pembinaan Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Kota Bharu, Kelantan. Semakan telah dibuat di Bahagian Pembangunan dan Penswastaan, Kementerian Kerja Raya; Cawangan Jalan, Jabatan Kerja Raya (JKR); Unit Pembangunan, Cawangan Jalan, JKR; Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR; Unit Tindakan Khas, Cawangan Jalan, JKR dan pejabat tapak.

23.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan rekod dan dokumen, temu bual dengan pegawai terlibat, analisis terhadap data dan pemeriksaan fizikal di tapak projek.

23.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2011 mendapati secara keseluruhannya pembinaan projek ini adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan projek yang boleh menjejaskan objektif pembinaannya. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

i. kegagalan menyiapkan kerja dalam tempoh yang telah ditetapkan di mana 4 Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa selama 891 hari iaitu sehingga 30 Ogos 2012 telah diluluskan;
ii. nilai kontrak semasa dijangka akan meningkat kepada RM177.76 juta iaitu peningkatan sejumlah RM34.76 juta (24.3%) berbanding kontrak asal yang bernilai RM143 juta. Peningkatan nilai kontrak ini juga mengambil kira Arahan Perubahan Kerja berjumlah RM20.61 juta yang masih belum diluluskan;
iii. masalah reka bentuk sistem cerucuk yang mengambil masa sehingga 2 tahun untuk diselesaikan telah menjadi antara punca kelewatan penyiapan projek dan kenaikan kos;
iv. kelewatan membina jambatan sementara menyebabkan kerja-kerja dalam sungai tidak dapat dijalankan mengikut jadual; dan
v. pelantikan kontraktor yang tidak berpengalaman.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta maklum balas JKR adalah seperti di perenggan berikut:

23.5.1. Prestasi Projek

23.5.1.1. Kelewatan Menyiapkan Projek

a. Mengikut syarat kontrak, projek ini perlu disiapkan pada 17 Disember 2009 iaitu dalam tempoh 30 bulan daripada tarikh milik tapak bina oleh kontraktor. Bagaimanapun sehingga tarikh akhir projek ini patut disiapkan, kontraktor telah gagal untuk menyiapkan keseluruhan kerja pembinaan di mana peratusan kemajuan kerja ketika itu hanya 23.7%. Semakan Audit mendapati kontraktor telah diluluskan 4 Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa selama 891 hari iaitu sehingga 30 Ogos 2012. Kemajuan kerja sebenar di tapak pembinaan sehingga bulan Disember 2011 adalah 76.5%. Selain itu, satu Perjanjian Tambahan juga telah ditandatangani pada

14 September 2011 di mana tempoh kontrak telah dilanjutkan selama 96 hari bermula dari 9 Ogos 2011 (tarikh akhir lanjutan masa yang ke-3) sehingga 13 November 2011. Perjanjian Tambahan ini ditandatangani disebabkan oleh kelewatan pihak Kerajaan membuat pembayaran kepada kontraktor. Butirannya adalah seperti di **Jadual 23.1** manakala **Gambar 23.1** hingga **23.4** menunjukkan kemajuan kerja di tapak semasa lawatan Audit pada bulan November 2011.

JADUAL 23.1
PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA

BIL.	TEMPOH LANJUTAN MASA	JUMLAH HARI	SEBAB KELEWATAN
1	17.12.2009 - 12.11.2010	330	Kelewatan penyerahan sepenuhnya tapak bina disebabkan oleh: • Penangguhan pengosongan premis di Jalan Sultan Yahya Petra. • Pengalihan utiliti Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad.
2	12.11.2010 - 10.02.2011	90	Peruntukan kemudahan khas dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008.
3	10.02.2011 - 09.08.2011	180	Pertambahan panjang *casing* kekal di dalam sungai disebabkan oleh hakisan dasar sungai.
4	13.11.2011 - 30.08.2012	291	Perubahan reka bentuk cerucuk di sungai bagi memastikan kestabilan struktur terhadap jambatan sedia ada.
JUMLAH		**891**	
Perjanjian Tambahan	09.08.2011 - 13.11.2011	96	*Supplementary Agreement* disebabkan kelewatan Kerajaan membuat pembayaran kepada kontraktor.

GAMBAR 23.1




GAMBAR 23.2



Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Bahagian Darat
- Crosshead Segment Telah Dipasang
(23.11.2011)

GAMBAR 23.3



GAMBAR 23.4



Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Bahagian Sungai
- Kerja Bored Pile Sedang Dijalankan
(23.11.2011)

b. Antara faktor utama kelewatan menyiapkan projek ini adalah seperti berikut:

i. Mengikut perancangan asal, pemilik/penyewa premis di Jalan Sultan Yahya Petra dikehendaki mengosongkan premis/kediaman mereka pada 22 Januari 2008 berdasarkan notis yang dikemukakan oleh Ketua Pengarah Tanah Dan

Galian. Bagaimanapun, pengosongan premis/kediaman telah ditangguhkan sehingga 30 Jun 2008 setelah permohonan rayuan dikemukakan kepada Pejabat Ketua Pengarah Tanah Dan Galian. Secara keseluruhannya, masa yang diambil untuk mengosongkan premis/kediaman adalah selama 5 bulan. Sepanjang tempoh tersebut, kontraktor tidak dapat menjalankan kerja di kawasan terlibat mengikut jadual yang telah dirancang.

ii. Sepanjang jajaran bermula CH 1400 - CH 2200, terdapat kabel-kabel yang belum dialihkan oleh pihak berkuasa/utiliti yang menghalang dan mengganggu kerja penanaman cerucuk dan sebagainya. Di CH 2200 - CH 2450 pula, kerja pengalihan utiliti hanya dapat dijalankan selepas kerja merobohkan rumah kedai siap dilaksanakan kerana kawasan rizab yang agak terhad. Mengikut perancangan, tarikh mula pengalihan utiliti ialah pada 20 Februari 2008, namun kerja ini tidak dapat dilaksanakan sehingga keseluruhan premis dikosongkan bagi Seksyen 3. Pengalihan utiliti dijalankan serentak bagi Seksyen 2 dan Seksyen 3 di mana kelewatan pengalihan bagi kabel Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad adalah selama 90 hari.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Pemantauan ada dijalankan melalui agenda tetap dalam setiap mesyuarat tapak. Ketua Pengarah Tanah dan Galian serta wakil telah dijemput hadir bagi membincangkan masalah dan isu-isu berbangkit. Mesyuarat penyelarasan bersama pihak utiliti juga telah diadakan seawal 28 Jun 2007 bertujuan mengkoordinasi dan memastikan kerja-kerja pengalihan utiliti yang terlibat dapat dilaksanakan dengan segera.

iii. Reka bentuk cerucuk jambatan asal di bahagian sungai telah disediakan oleh perunding yang dilantik iaitu Konsortium KMS Ingeniuer-Bentara-RMR. Akibat masalah runtuhan lubang gerekan yang berlaku pada bulan April 2009, perunding ini telah meminda reka bentuk asal kepada reka bentuk pindaan 1. Bagaimanapun pada bulan Mei 2010, perunding yang dilantik oleh kontraktor bagi kerja pemantauan jambatan sedia ada iaitu G&P Geotechnic Sdn. Bhd. telah membangkitkan bahawa reka bentuk pindaan 1 boleh membawa risiko yang amat tinggi terhadap integriti struktur jambatan sedia ada. G&P Geotechnic Sdn. Bhd. telah mencadangkan penambahbaikan bagi reka bentuk asas jambatan tersebut bagi menjamin keselamatan jambatan dalam jangka masa panjang. Kerja penyiasatan tapak tambahan juga telah dilakukan oleh IKRAM Timur. Pada keseluruhannya, masalah reka bentuk sistem cerucuk ini telah mengambil masa yang lama untuk diselesaikan iaitu 2 tahun bermula daripada bulan April 2009 sehingga bulan Jun 2011. Perubahan reka bentuk sistem cerucuk ini dijangkakan akan menyebabkan peningkatan kos berjumlah RM13.21 juta (143.3%) berbanding dengan kos asal. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 23.2
PERUBAHAN REKA BENTUK CERUCUK

PERKARA	REKA BENTUK ASAL (BORED PILE)	REKA BENTUK PINDAAN 1 (BORED PILE)	REKA BENTUK ALTERNATIF (DRIVEN PILE)
Permanent Casing	30 m	40 m	40 m - 45 m (G&P menggunakan *casing* sebagai cerucuk)
Ketebalan *Permanent Casing*	12 mm	12 mm	10 mm - 19 mm
Kedalaman Cerucuk	60 m - 70 m	67 m - 74 m	40 m - 45 m

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Masalah kelewatan reka bentuk sistem cerucuk ini yang telah mengambil masa selama 2 tahun disebabkan oleh pertimbangan beberapa alternatif reka bentuk yang dikemukakan oleh perunding. Selain itu, semakan dan keputusan JKR juga mempengaruhi tempoh penyelesaian masalah.

Pada pendapat Audit, masalah reka bentuk sistem cerucuk ini sepatutnya diselesaikan di peringkat awal lagi bagi memastikan kelancaran projek memandangkan aktiviti dalam sungai adalah aktiviti yang paling kritikal dalam pembinaan jambatan ini. Masa yang diambil untuk menyelesaikan masalah reka bentuk sistem cerucuk ini adalah terlalu lama iaitu 2 tahun dan menyebabkan kelewatan projek serta kenaikan kos.

c. Kelewatan Memulakan Aktiviti Jambatan Sementara

Berdasarkan *Bill of Quantities,* kos kontrak bagi menyediakan jambatan sementara adalah RM12.42 juta. Pembinaan jambatan sementara ini adalah bertujuan untuk membawa mesin bagi kerja-kerja di bahagian sungai dan dibina di kiri dan kanan jambatan sedia ada. Pembinaan jambatan sementara ini sepatutnya dimulakan pada bulan Oktober 2007, namun sehingga bulan Februari 2008, pembinaannya masih belum dimulakan. Jambatan sementara ini hanya disiapkan pada bulan Mei 2009. Bagaimanapun, hujan lebat dalam bulan November 2009 telah menyebabkan banjir di Kelantan di mana sebahagian jambatan sementara yang dibina telah dihanyutkan akibat arus deras. Sehingga bulan Mac 2010, kerja-kerja *bored pile* dalam sungai masih belum dilaksanakan lagi kerana kerja membaik pulih jambatan sementara belum dijalankan. Semakan Audit selanjutnya mendapati akibat daripada perubahan reka bentuk sistem cerucuk, spesifikasi pembinaan jambatan sementara juga telah berubah di mana ia perlu dibina untuk menampung beban 130 tan berbanding 100 tan yang ditetapkan pada asalnya. Kos untuk perubahan pembinaan jambatan sementara ini dijangkakan akan meningkat sejumlah RM7.39 juta (59.6%) berbanding dengan kos asal. Gambar berikut adalah berkaitan.

GAMBAR 23.5



Bahagian Sungai
- Jambatan Sementara Bahagian Downstream Siap Dibina
(23.11.2011)

GAMBAR 23.6



Bahagian Sungai
- Jambatan Sementara Bahagian Upstream Belum Siap Dibina Sepenuhnya
(23.11.2011)

Pada pendapat Audit, JKR perlu memastikan pihak kontraktor membina jambatan sementara mengikut jadual yang telah ditetapkan kerana kerja-kerja dalam sungai adalah bahagian paling kritikal bagi projek ini. Kelewatan membina jambatan sementara telah menyebabkan kerja-kerja dalam sungai tidak dapat dijalankan mengikut jadual.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

JKR telah mengarahkan kontraktor untuk memulakan pembinaan jambatan sementara dari semasa ke semasa. Arahan telah diberikan dalam beberapa siri mesyuarat tapak dan surat amaran/peringatan juga dikeluarkan.

23.5.1.2. Peningkatan Kos Projek

Nilai kontrak asal bagi pembinaan jambatan ini adalah berjumlah RM143 juta. Semakan Audit terhadap Pelarasan Harga Kontrak, Pelarasan Wang Peruntukan Sementara dan perubahan kerja mendapati nilai kontrak semasa dijangka akan meningkat kepada RM177.76 juta dengan mengambil kira Arahan Perubahan Kerja berjumlah RM20.61 juta yang masih belum diluluskan. Peningkatan nilai kontrak adalah sejumlah RM34.76 juta (24.3%). Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 23.3
KENAIKAN NILAI KONTRAK SEMASA

BUTIRAN	STATUS	KENAIKAN/ (PENURUNAN) (RM Juta)
Pelarasan Tambahan Harga Kontrak Disebabkan Kenaikan Harga Besi Dalam Pasaran (Perjanjian Tambahan) bertarikh 25 Jun 2008.	PHK 1 (Lulus)	7.23
Pelarasan Peruntukan Sementara dalam item 12.2.1 untuk *Street Lighting and Electrical Works*	PHK 2 (Lulus)	(1.05)
Pelarasan Sementara VOP	PHK 3 (Sementara)	4.50
Pelarasan Wang Peruntukan Sementara bagi 3 kerja (Pemasangan Elektrik, Pengalihan Perubahan Utiliti dan *Protection Works For Existing Bridge*)	Lulus	3.44
Kelulusan Kuantiti Sementara	Lulus	0.03
Pengiraan sementara perubahan reka bentuk cerucuk di dalam sungai dan jambatan sementara	Belum Lulus	20.61
JUMLAH		**34.76**
NILAI KONTRAK ASAL		**143.00**
NILAI KONTRAK SEMASA (ANGGARAN)		**177.76**

23.5.1.3. Penurunan Aras Dasar Sungai

a. Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra akan dibina di kiri dan kanan jambatan sedia ada. Kerja dalam sungai merupakan bahagian yang paling kritikal di mana pemasangan cerucuk perlu mengambil kira kesan terhadap struktur atau integriti jambatan sedia ada. Selain daripada pembinaan jambatan kedua ini, terdapat juga aktiviti pengorekan pasir dan penambakan tanah telah dijalankan oleh pihak ketiga bagi tujuan pembangunan dan pengindahan tebing Sungai Kelantan. Semakan Audit mendapati pihak Cawangan Jalan, JKR ada membuat lawatan di tapak projek pada 22 April 2004 dan telah memaklumkan kepada JKR Negeri Kelantan bahawa sekiranya aktiviti pengorekan dan pengambilan pasir berterusan, kemungkinan tahap kedalaman paras dasar sungai akan bertambah. Kesan daripada penurunan aras dasar sungai ini boleh memberi impak kepada kestabilan jambatan sedia ada.

b. Berdasarkan Minit Mesyuarat Teknikal, kerja mereka bentuk jambatan oleh perunding yang dilantik adalah berdasarkan data pembangunan tahun 2004. Semasa pelaksanaan projek pada tahun 2007, pihak Audit mendapati tiada kajian hidrologi dijalankan di mana data yang diguna pakai adalah berdasarkan data tahun 2004. Kesan daripada penurunan aras dasar sungai ini menyebabkan pemasangan cerucuk pertama telah mengalami runtuhan lubang gerekan pada tahun 2009.

c. Selanjutnya pada tahun 2011, JKR Negeri Kelantan telah menjalankan kerja-kerja ukur bagi projek pembinaan jambatan ini dan mendapati kedalaman paras dasar sungai di sekitar jambatan sedia ada telah mengalami pertambahan antara 2 hingga

3 meter yang dikhuatiri akan menjejaskan kestabilan struktur jambatan sedia ada. Bagaimanapun berdasarkan analisis yang dijalankan oleh G&P Geotechnic Sdn. Bhd., kestabilan jambatan sedia ada adalah dijangka tidak terjejas pada ketika ini.

Pada pendapat Audit, langkah pencegahan lebih awal perlu diambil oleh pihak yang bertanggungjawab bagi memastikan penurunan aras dasar sungai tidak memberikan kesan kepada struktur atau kestabilan jambatan sedia ada. Namun begitu, penurunan aras dasar sungai ini telah memberi kesan kepada reka bentuk sistem cerucuk di mana ia terpaksa direka bentuk semula dengan melibatkan kos yang tinggi.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

JKR telah mengambil tindakan dengan memaklumkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran serta Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan bahawa aktiviti pengorekan pasir di hulu dan hilir Sungai Kelantan akan menyebabkan perubahan dasar sungai. Keadaan ini akan menjejaskan struktur jambatan sedia ada. Bagaimanapun, adalah di luar bidang kuasa JKR untuk mengawal/menghalang aktiviti pengorekan pasir tersebut. JKR telah mengambil langkah memantau dengan teliti keselamatan dan integriti jambatan sedia ada melalui pemantauan oleh G&P Geotechnic Sdn. Bhd. yang ketika ini melaporkan keadaan jambatan sedia ada adalah stabil dan tidak terjejas. Kos tambahan terhadap sistem cerucuk yang baru tidak dapat dielakkan bagi menjamin kestabilan jambatan sedia ada semasa kerja-kerja penanaman cerucuk dijalankan dan juga keutuhan jangka panjang jambatan baru yang dibina.

23.5.2. Pengurusan Pembinaan

23.5.2.1. Pelantikan Kontraktor/Sub Kontraktor Dan Penetapan Harga

a. Konsortium I.S Resources Sdn. Bhd. - Ris Capital (M) Sdn. Bhd. telah dilantik secara rundingan terus pada 30 Jun 2006 untuk melaksanakan projek ini. Ris Capital (M) Sdn. Bhd. dan I.S. Resources Sdn. Bhd. merupakan kontraktor Kelas A dan Gred 7 yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB) dan mempunyai modal berbayar masing-masing berjumlah RM2 juta dan RM1 juta. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada PKK dan CIDB, pihak Audit mendapati kontraktor yang dilantik tidak mempunyai pengalaman dalam pembinaan projek jambatan berskala besar.

b. Rundingan harga telah diadakan antara JKR, kontraktor dan KKR bagi memuktamadkan harga kontrak sebelum ia dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan. Pada awalnya, kontraktor telah mengemukakan tawaran harga berjumlah RM189.41 juta berbanding kos anggaran JKR yang berjumlah RM137.73 juta. Bagaimanapun, selepas beberapa rundingan harga diadakan, harga yang dipersetujui adalah sebanyak RM143 juta dengan tempoh siap selama 30 bulan. Pihak Audit mendapati kelulusan daripada Kementerian Kewangan telah diperoleh pada 21 Mac 2007. Surat Setuju Terima yang telah ditandatangani pada 30 Mei 2007 dan kontrak antara Kerajaan Malaysia dengan Syarikat Konsortium I.S. Resources Sdn. Bhd. - Ris Capital (M) Sdn. Bhd. telah ditandatangani pada 23 Oktober 2007.

c. Selanjutnya, pihak Audit mendapati satu *Deed of Assignment* telah ditandatangani pada bulan Mac 2010 antara Kontraktor Utama dengan Aneka Prestij Sdn. Bhd. di mana kontraktor utama telah menyerahkan hak kerja kepada Aneka Prestij Sdn.

Bhd. dengan nilai kerja berjumlah RM112.96 juta (75.2%) daripada nilai kontrak baru yang berjumlah RM150.23 juta. Penyerahan hak ini adalah disebabkan oleh kontraktor utama tidak dapat meneruskan kerja di tapak. Pihak Audit telah membuat semakan dengan CIDB dan mendapati tarikh luput pendaftaran syarikat tersebut ialah pada bulan Jun 2010. Aneka Prestij Sdn. Bhd. hanya memperbaharui pendaftaran pada 1 Ogos 2011 walaupun syarikat ini telah menjalankan kerja di tapak sejak bulan Mac 2010. Semakan dengan PKK pula mendapati Aneka Prestij Sdn. Bhd. tidak berdaftar dengan PKK. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat memastikan rekod kerja syarikat tersebut.

d. Mengikut syarat 27 (c), semua kontraktor yang diambil kerja berkaitan dengan kerja hendaklah diambil dari dalam daerah di mana kerja itu terletak dan jika subkontraktor tidak boleh didapati dalam daerah tersebut, maka hendaklah diambil dari dalam negeri di mana kerja itu terletak. Peruntukan ini hanya boleh diubah dengan persetujuan bertulis daripada Pegawai Penguasa. Semakan Audit mendapati Aneka Prestij Sdn. Bhd. telah didaftar mengikut alamat di Klang, Selangor dan tiada persetujuan bertulis diperoleh daripada Pegawai Penguasa.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Deed of Assignment antara kontraktor utama dan sub-kontraktor mendapat persetujuan daripada Kerajaan yang ditandatangani oleh Pengarah Cawangan Jalan, JKR iaitu merupakan Pegawai Penguasa. Penyerahan hak sebahagian kerja kepada Aneka Prestij Sdn. Bhd. yang beralamat di Klang, Selangor adalah berdasarkan kepada faktor ketiadaan sub-kontraktor yang berkeupayaan dari segi kewangan dan kepakaran teknikal, di samping kesanggupan sub-kontraktor tersebut untuk mengambil tanggungjawab dan risiko melaksanakan projek ini di mana kos bayaran pendahuluan dan bon pelaksanaan ditanggung oleh pihaknya.

Pada pendapat Audit, walaupun kerja telah diserah hak kepada Aneka Prestij Sdn. Bhd. oleh kontraktor utama, namun JKR hendaklah memastikan bahawa syarikat yang dilantik itu adalah syarikat yang berpengalaman yang mempunyai rekod kerja yang baik supaya projek ini dapat disiapkan mengikut tarikh yang telah ditetapkan demi menjaga imej Kerajaan.

23.5.2.2. Pelantikan Perunding

a. Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 22 Julai 2004 telah bersetuju untuk meluluskan pelantikan 3 perunding bagi mereka bentuk Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Kota Bharu, Kelantan. Pelantikan perunding ini adalah gabungan 3 perunding yang membentuk satu konsortium yang dikenali sebagai Konsortium KMS Ingeniuer-Bentara-RMR. Surat Niat telah dikeluarkan pada 15 Disember 2004 dan Surat Setuju Terima pula ditandatangani pada 30 September 2005. Butiran lanjut mengenai perunding yang dilantik adalah seperti di **Jadual 23.4**. Pihak Audit tidak dapat menentukan justifikasi pemilihan perunding ini kerana tiada dokumen yang dikemukakan untuk semakan.

JADUAL 23.4
SENARAI PERUNDING YANG DILANTIK

NAMA PERUNDING	BIDANG	TUGAS
KMS-Ingenieur Sdn. Bhd.	Kejuruteraan Awam	*Beams and Bridge Deck*
Bentara Jururunding	Kejuruteraan Awam	*Pile Cap and Piling*
RMR Consult	Kejuruteraan Awam dan Kejuruteraan Struktur	*Piers and Embankment and Beams Support*

b. Kementerian Kewangan juga bersetuju untuk meluluskan bayaran perunding mengikut Skala Yuran Piawai di mana yuran perunding yang dikenakan adalah RM2.29 juta iaitu berdasarkan kos projek asal yang berjumlah RM100 juta. Semakan Audit mendapati yuran perunding yang telah dibayar kepada Konsortium KMS Ingineur-Bentara-RMR adalah berjumlah RM2.16 juta berdasarkan kepada nilai kontrak asal berjumlah RM100 juta. Bagaimanapun, didapati perunding telah membuat tuntutan bayaran terakhir berjumlah RM0.98 juta pada 21 Julai 2011 berdasarkan kepada nilai kontrak baru yang berjumlah RM140.96 juta (jumlah ini setelah ditolak *general items* dan Wang Peruntukan Sementara daripada nilai kontrak keseluruhan yang berjumlah RM150.23 juta).

c. Pada peringkat awal pelaksanaan projek, adalah didapati kontraktor menghadapi masalah dengan lukisan reka bentuk yang disediakan oleh perunding. Semakan Audit mendapati tiada *lead consultant* yang bertanggungjawab menyelaras dan memastikan lukisan reka bentuk keseluruhannya adalah tepat dan teratur. Selain itu, tiada perunding yang dilantik bagi kerja-kerja pengawasan. Sekiranya timbul masalah reka bentuk di tapak, kontraktor akan memaklumkan pegawai penyelia daripada JKR di mana JKR akan melaporkan kepada perunding. Proses ini adalah tidak praktikal kerana mengambil masa untuk diselesaikan.

Pada pendapat Audit, pelantikan perunding adalah mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, perunding reka bentuk yang dilantik juga hendaklah mempunyai pengalaman supaya masalah reka bentuk tidak timbul dan adalah lebih baik sekiranya JKR melantik *lead consultant* dalam penyediaan reka bentuk supaya tidak ada pertikaian sekiranya berlaku pertukaran dalam reka bentuk. Selain itu, perunding yang sama juga hendaklah dilantik bagi tujuan pengawasan di tapak bagi menyelesaikan sebarang masalah berkaitan reka bentuk.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Tiada lead consultant dilantik dalam projek ini. Bagaimanapun, JKR telah melantik seorang Project Director di bawah KMS Ingenieur yang berperanan untuk mengetuai dan menyelaras keseluruhan proses reka bentuk jambatan tersebut. Pihak pengurusan JKR juga telah memutuskan supaya kaedah pelaksanaan pengawasan projek dilaksanakan oleh JKR. Oleh yang demikian, JKR telah menubuhkan satu pasukan projek di bawah Cawangan Jalan, JKR untuk mengawasi dan menyelia kerja pembinaan di tapak.

23.5.2.3. Dokumen Insurans Wang Jaminan Bayaran Pendahuluan Dan Bon Pelaksanaan Tidak Sah

a. Wang pendahuluan dibayar kepada kontraktor yang memerlukan modal untuk melaksanakan kerja-kerja awalan. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, jumlah yang boleh dipohon daripada Kerajaan bagi kontrak kerja ialah 25 peratus daripada nilai kontrak atau maksimum RM10 juta mengikut mana yang lebih rendah. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan pada bulan Jun 2007 telah bersetuju meluluskan permohonan bayaran pendahuluan kepada syarikat Konsortium I.S. Resources Sdn. Bhd. - Ris Capital (M) Sdn. Bhd. sejumlah RM15 juta. Pihak Kontraktor telah mengemukakan jaminan insurans yang telah dikeluarkan oleh RHB Insurance Berhad Cawangan Kota Bharu, Kelantan.

b. Perjanjian kontrak yang ditandatangani pada 23 Oktober 2007 menetapkan bahawa kontraktor perlu mengemukakan Bon Pelaksanaan berjumlah RM7.15 juta iaitu 5% daripada harga kontrak. Kontraktor telah mengemukakan Bon Pelaksanaan

bernilai RM7.15 juta dalam bentuk jaminan insurans yang dikeluarkan oleh RHB Insurance Berhad, Cawangan Kota Bharu, Kelantan kepada pihak Kerajaan pada 24 Julai 2007. Tempoh tamat jaminan insurans ini adalah pada 31 Mac 2011.

c. JKR telah mendapatkan pengesahan Jaminan Insurans untuk Bon Pelaksanaan dan Bayaran Pendahuluan daripada RHB Insurance Berhad Cawangan Kota Bharu, Kelantan dan telah disahkan pada 21 Ogos 2007. Adalah didapati jaminan insurans bagi bon pelaksanaan dan bayaran pendahuluan tersebut telah ditandatangani oleh Pengurus RHB Insurance Cawangan Kota Bharu manakala surat pengesahan juga ditandatangani oleh pengurus yang sama. Bagaimanapun, Ibu Pejabat Bank RHB Berhad melalui surat bertarikh 8 Oktober 2008 dan 13 November 2008 telah mengesahkan bahawa jaminan insurans bagi Bayaran Pendahuluan dan Bon Pelaksanaan yang dikeluarkan oleh RHB Insurance Berhad, Cawangan Kota Bharu, Kelantan adalah palsu. Sehubungan itu, laporan Polis telah dibuat pada 7 April 2009 oleh Pengarah Cawangan Jalan yang merupakan Pegawai Penguasa. Selanjutnya pihak Audit mendapati Aneka Prestij Sdn. Bhd. telah mengemukakan jaminan bank bagi wang pendahuluan dan bon pelaksanaan yang baru untuk menggantikan bon palsu tersebut.

Pada pendapat Audit, JKR perlu mendapatkan pengesahan kesahihan Bon Pelaksanaan daripada Ibu Pejabat Bank atau Institusi Kewangan terlebih dahulu pada masa akan datang bagi mengelakkan perkara pemalsuan Bon Pelaksanaan daripada berulang. Tindakan membuat laporan polis adalah selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

JKR telah mematuhi segala prosedur yang perlu bagi tujuan penerimaan jaminan insurans untuk Wang Pendahuluan dan Bon Pelaksanaan. JKR juga akan memastikan pengesahan jaminan diperoleh daripada Ibu Pejabat Bank/institusi kewangan yang berkenaan bagi mengelakkan perkara pemalsuan jaminan insurans daripada berulang.

23.5.2.4. Bayaran Kemajuan

a. Perjanjian tambahan telah ditandatangani antara Kerajaan dengan kontraktor untuk memberi lanjutan masa kepada kontraktor selama 96 hari. Lanjutan masa ini diberikan disebabkan oleh kelewatan JKR membuat bayaran kepada kontraktor. Kelewatan ini menyebabkan kontraktor menghadapi masalah modal untuk meneruskan projek ini. Semakan Audit mendapati 7 daripada 53 bayaran kemajuan berjumlah RM12.13 juta tidak dapat dijelaskan mengikut kontrak iaitu dalam tempoh 44 hari daripada tarikh penilaian kerja oleh JKR. Kelewatannya adalah antara 19 hingga 77 hari.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Siling bagi projek ini dalam RMKe-9 adalah RM120 juta. Pada akhir tempoh RMKe-9, jumlah perbelanjaan adalah RM94.2 juta sahaja. Ini bermakna peruntukan bagi projek ini adalah mencukupi bagi tempoh RMKe-9. Namun, berikutan isu jaminan insurans yang tidak sah bagi Bon Pelaksanaan semasa pelaksanaan projek ini menyebabkan Pegawai Penguasa mengambil langkah berhati-hati dalam menjelaskan bayaran kemajuan kerja. Ini jelas kerana bagi tahun 2010, peruntukan yang disalurkan adalah sejumlah RM55 juta berbanding perbelanjaan sejumlah RM33.40 juta.

b. Mengikut syarat kontrak, pegawai yang berkuasa menandatangani Perakuan Bayaran interim adalah Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa. Semakan Audit mendapati terdapat 11 perakuan bayaran dibuat oleh bukan Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa bagi kontrak di atas di mana 3 bayaran interim diperakukan oleh Pemangku Pengarah Negeri Kelantan dan 8 bayaran interim diperakukan oleh Ketua Penolong Pengarah (Projek Khas).

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Pegawai yang berkuasa untuk menandatangani Perakuan Bayaran Interim adalah Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa sahaja sepertimana syarat kontrak dan pembayaran oleh bukan Pegawai Penguasa atau wakilnya tidak seharusnya berlaku. Sehubungan itu, JKR akan memastikan perkara tersebut tidak akan berulang lagi. Bagaimanapun, adalah disahkan bahawa kesemua 11 bayaran interim berkenaan adalah teratur dan memenuhi syarat kontrak.

Pada pendapat Audit, JKR perlu memastikan tidak berlaku kelewatan dalam menjelaskan bayaran interim kepada kontraktor sehingga memberi kesan kepada kontraktor dari segi kewangan serta memberi implikasi terhadap pelaksanaan projek secara keseluruhannya. Selain itu, JKR juga perlu memastikan bahawa pegawai yang berkuasa sahaja yang boleh memperakukan bayaran interim.

23.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek akan datang, adalah disyorkan supaya Jabatan Kerja Raya mengambil tindakan seperti berikut:

23.6.1. Memastikan masalah di tapak projek diselesaikan terlebih dahulu supaya kerja dapat dilaksanakan mengikut jadual.

23.6.2. Mempertingkatkan koordinasi antara Pihak Berkuasa Tempatan, pihak utiliti dan agensi-agensi lain yang terlibat di tapak pembinaan supaya masalah dapat diselesaikan dengan lebih cepat dan berkesan.

23.6.3. Memastikan bahawa masalah reka bentuk sistem cerucuk diselesaikan terlebih dahulu bagi mengelakkan kelewatan pembinaan.

23.6.4. Melantik *lead consultant* bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek di tapak.

23.6.5. Membuat pengesahan jaminan bon pelaksanaan dan bayaran pendahuluan daripada Ibu pejabat syarikat insurans bagi mengelakkan pemalsuan jaminan pada masa hadapan.

23.6.6. Memastikan tidak berlaku kelewatan dalam menjelaskan bayaran interim kepada kontraktor sehingga memberi kesan kepada kontraktor dari segi kewangan serta memberi implikasi terhadap pelaksanaan projek secara keseluruhannya.

23.6.7. Memastikan bahawa pegawai yang berkuasa sahaja yang boleh menandatangani perakuan bayaran interim.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 172-178
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN KERJA RAYA

24. PENGURUSAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR

24.1. LATAR BELAKANG

24.1.1. Pusat Khidmat Kontraktor ditubuhkan pada 30 Jun 1981 dengan nama Pusat Penyelarasan Khidmat Kontraktor-kontraktor Bumiputera (PUSAKABUMI) dan diletakkan di bawah Unit Penyelarasan Dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Pada 1 Januari 1987, namanya ditukar kepada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) sesuai dengan pertambahan fungsi dan bidang kuasanya. Pada 27 Oktober 1990, PKK dipindahkan ke Kementerian Perusahaan Awam dan seterusnya pada tahun 1995, PKK menjadi sebahagian daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Setelah pembubaran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada bulan April 2009, PKK diserapkan ke Kementerian Kerja Raya (KKR) sehingga kini. PKK mempunyai cawangan di setiap negeri termasuk satu cawangan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang memberi khidmat nasihat dan bantuan kepada kontraktor Bumiputera. Sehingga 30 Jun 2011, jumlah keseluruhan kontraktor yang berdaftar dengan PKK adalah 44,630 iaitu 41,006 kontraktor kerja awam dan 3,624 kontraktor kerja elektrik.

24.1.2. Objektif utama PKK adalah untuk memastikan kontraktor yang berdaftar adalah berkualiti. Di samping itu, PKK juga bertanggungjawab untuk meningkatkan keupayaan dan kepakaran kontraktor Bumiputera; menambah baik sistem pendaftaran sedia ada selaras dengan keperluan semasa dan memastikan kontraktor Bumiputera terlibat secara aktif dalam projek-projek yang dilaksanakan.

24.1.3. Tugas dan tanggungjawab PKK pula antara lainnya adalah selaku Pusat Pendaftaran bagi semua kontraktor kerja di peringkat Persekutuan dan Negeri; memberi pengiktirafan Bumiputera kepada kontraktor yang berkelayakan dan memberi khidmat nasihat dan bantuan kepada kontraktor Bumiputera yang melaksanakan kontrak tetapi terhad kepada Jabatan/Agensi Kerajaan yang tidak mempunyai unit khasnya sendiri untuk memberi bantuan kepada mereka.

24.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan pendaftaran kontraktor telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

24.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini ditumpukan kepada pengurusan pendaftaran kontraktor, peraturan pendaftaran kontraktor dan yuran yang dikenakan bagi tempoh tahun 2009 hingga bulan Jun 2011 di Ibu Pejabat PKK; Cawangan PKK Wilayah Persekutuan dan Cawangan PKK Sabah.

24.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan terhadap pangkalan data PKK dengan penggunaan perisian komputer; semakan terhadap rekod, dokumen dan fail; menemu bual pegawai terlibat serta mengedarkan soal selidik kepada kontraktor dan agensi/jabatan kerajaan bagi menilai tahap kepuasan terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh PKK.

24.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun sehingga September 2011 mendapati secara keseluruhannya pengurusan pendaftaran kontraktor adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan dan ketidakcekapan. Antaranya ialah:

i. piagam pelanggan berhubung perkhidmatan yang disediakan tidak dipatuhi;
ii. yuran yang dikenakan dan tempoh sah pendaftaran tidak seperti yang ditetapkan dalam Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984;
iii. kelas kontraktor dalam Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor)1984 tidak selaras dengan kelas kontraktor dalam Arahan Perbendaharaan;
iv. Sistem Info Kontraktor dan Sistem Maklumat Kontraktor tidak tepat; dan
v. modal kontraktor tidak dikemas kini dalam Sistem Maklumat Kontraktor.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas PKK adalah seperti di perenggan berikut:

24.5.1. Prestasi Perkhidmatan PKK

24.5.1.1. Piagam pelanggan PKK menetapkan tempoh masa perkhidmatan mengikut jenis permohonan adalah seperti berikut:

i. permohonan pembaharuan pendaftaran akan diproses dan diberi keputusan dalam tempoh 5 minggu;
ii. permohonan taraf Bumiputera akan diproses dan diberi keputusan dalam tempoh 5 minggu;
iii. permohonan tambah kepala akan diproses dan diberi keputusan dalam tempoh 2 minggu;
iv. sijil pendaftaran akan dikeluarkan dalam tempoh 3 hari setelah bayaran yuran diterima daripada kontraktor; dan
v. semua perubahan maklumat syarikat akan dibuat dalam tempoh 2 minggu.

24.5.1.2. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, ada 39 kes di mana permohonan telah diproses melebihi tempoh yang ditetapkan dalam piagam pelanggan dengan kelewatan antara satu hingga 10 minggu. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 24.1
PIAGAM PELANGGAN TIDAK DIPATUHI

JENIS PERMOHONAN	TEMPOH PROSES MENGIKUT PIAGAM PELANGGAN (Minggu)	PIAGAM PELANGGAN TIDAK DIPATUHI	
		BILANGAN KES	KELEWATAN (Minggu)
Pembaharuan Pendaftaran	5	29	1 - 10
Taraf Bumiputera	5	5	1 - 10
Tambah Kepala	2	3	1 - 3
Perubahan Maklumat Syarikat	2	2	1 - 3
JUMLAH		**39**	**1 - 10**

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

PKK telah mengkaji dan meminda piagam pelanggannya. Sebagai contoh, piagam pelanggan bagi proses permohonan pembaharuan pendaftaran telah ditukar dari 5 minggu kepada 14 hari bekerja (tidak termasuk cuti umum dan hujung minggu).

Untuk memperjelaskan piagam pelanggan dan penyeragaman, satu taklimat mengenainya telah dibuat semasa Mesyuarat Pengarah Negeri dan Pegawai Kanan PKK pada 1 Mac 2012. Selain itu, Surat Arahan PKK Bil. 2/2012 telah dikeluarkan kepada semua Pengarah Negeri dan pegawai proses.

Pada pendapat Audit, piagam pelanggan merupakan satu janji organisasi kepada mereka yang menggunakan perkhidmatan disediakan oleh organisasi di mana tahap kepuasan pelanggan diukur dari aspek ketepatan masa dan kualiti. Sehubungan itu, PKK sepatutnya menetapkan piagam pelanggan yang lebih praktikal bersesuaian dengan keupayaannya untuk memberikan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan.

24.5.2. Pengurusan Perkhidmatan PKK

24.5.2.1. Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984 Di Bawah Akta Fee 1951

Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984 di bawah Akta Fee 1951 telah dikeluarkan pada tahun 1984 untuk menggantikan Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1953. Perintah Fee ini menetapkan kadar bayaran untuk memproses permohonan, pendaftaran dan pembaharuan kontraktor kerja awam dan kerja elektrik. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Yuran Dikenakan Kepada Kontraktor Dan Tempoh Sah Laku Pendaftaran Tidak Seperti Yang Ditetapkan Dalam Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984

i. Mengikut Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984, yuran pendaftaran sah selama 2 tahun bagi kontraktor kelas F adalah sebanyak RM50 dan yuran pembaharuan pendaftaran sah selama 2 tahun adalah 50% daripada yuran pendaftaran iaitu sebanyak RM25. Semakan Audit mendapati yuran pendaftaran yang dikenakan oleh PKK kepada kontraktor Kelas F ini telah dipinda secara pentadbiran melalui Surat Arahan PKK Bil. 4 Tahun 2005 di mana yuran pendaftaran bagi kontraktor kelas F dinaikkan kepada RM75 dan yuran pembaharuan pendaftaran kepada RM38. Tempoh sah pendaftaran Kelas F juga telah dipinda dari 2 tahun kepada 3 tahun. Pindaan tersebut dibuat selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 2005. Namun, tiada arahan dalam keputusan berhubung kenaikan fee sebaliknya hanya menyentuh mengenai pertambahan tempoh dari 2 tahun kepada 3 tahun. Bagaimanapun, pindaan terhadap Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984 masih belum dilaksanakan bagi mewartakan yuran pendaftaran dan yuran pembaharuan pendaftaran kontraktor Kelas F yang telah dipinda sejak tahun 2005.

Pada pendapat Audit, PKK tidak sepatutnya meminda yuran dan tempoh sah pendaftaran yang telah termaktub dalam Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984 tanpa merujuk kepada Menteri Kewangan terlebih dahulu. Ini kerana ketetapan untuk merujuk kepada Menteri Kewangan adalah selaras dengan kehendak Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984 di bawah Akta Fee 1951.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

Yuran pendaftaran baru dan yuran pembaharuan bagi Kelas F dinaikkan dengan mengambil kira lanjutan tempoh sah pendaftaran dari 2 tahun kepada 3 tahun. Dalam hal ini, yuran pembaharuan pendaftaran yang baru adalah RM37.50 kerana ditambah RM12.50 kepada RM25. PKK secara pentadbiran membundarkan jumlah

yuran tersebut kepada RM38 bagi memudahkan pengiraan terutamanya dalam urusan pembelian Wang Kiriman Pos. Penasihat Undang-undang (PUU) Kementerian Kerja Raya berpandangan bahawa yuran baru bagi kontraktor kelas F ini tidak bercanggah dengan Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984 kerana kenaikan yuran pendaftaran masih mengikut kadar yang ditetapkan dalam Perintah Fee 1984 tersebut, tetapi mengambil kira tempoh sah laku pendaftaran yang baru. Pindaan yuran pendaftaran boleh dibuat secara pentadbiran tanpa meminda Perintah Fee 1984 tersebut.

ii. Disebabkan perbezaan pendapat antara pihak Audit dengan PUU Kementerian Kerja Raya, pihak Audit telah memohon pandangan kedua daripada Jabatan Peguam Negara berhubung isu ini. Secara ringkasnya, Jabatan Peguam Negara berpendapat seperti berikut:

- Akta Fee 1951 dan Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984 tidak memperuntukkan bahawa pindaan boleh dibuat kepada kadar fi yang ditetapkan secara pentadbiran. Sehubungan itu, walaupun keputusan untuk meminda tempoh sah laku pendaftaran kontraktor telah dibuat oleh Jemaah Menteri, tindakan untuk melaksanakan keputusan tersebut iaitu untuk meminda tempoh sah laku pendaftaran masih perlu disusuli dengan pindaan kepada Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984.
- Berdasarkan peruntukan Seksyen 3, Akta Fee 1951 dibaca bersama Seksyen 4 Akta yang sama, pindaan kepada Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984 berhubung yuran dan tempoh sah laku pendaftaran kontraktor hanya boleh dibuat menerusi satu perintah yang dibuat di bawah Seksyen 3 Akta Fee 1951 dan hendaklah disiarkan dalam Warta.
- Oleh itu, pindaan yuran dan tempoh sah laku pendaftaran kontraktor yang dilakukan oleh PKK melalui Surat Arahan PKK Bil. 4 Tahun 2005 adalah tidak teratur dari segi undang-undang.

Pada pendapat Audit, PKK perlu mengambil kira pandangan Jabatan Peguam Negara mengenai proses perubahan fi dalam Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984 supaya selaras dengan kehendak undang-undang.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

Semua fungsi pendaftaran PKK kelak akan diambil alih oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Oleh itu, PKK akan mengambil tindakan untuk membatalkan Perintah Fee 1984 tersebut.

b. Kelas Kontraktor Dalam Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984 Tidak Selaras dengan Arahan Perbendaharaan

Mengikut Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984, kelas kontraktor bagi kerja awam ialah A1, A, B, BX, C, D, E, EX dan F manakala bagi kerja elektrik ialah I, II, III, IV, V dan VI. Bagaimanapun, Kelas A1 telah dimansuhkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 9 Tahun 1987 manakala Kelas BX dan EX telah dimansuhkan melalui SPP Bil. 14 Tahun 2002. Bagi kerja elektrik pula, kelas V dan VI telah dimansuhkan melalui SPP Bil. 6 Tahun 2007. Semua perubahan tersebut adalah terkandung dalam Arahan Perbendaharaan 184. Dengan mengambil kira Arahan Perbendaharaan 184, semakan Audit mendapati kelas kontraktor seperti yang dinyatakan di dalam Perintah Fee ini tidak selaras dengan peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

PKK telah mengemukakan memo pindaan bertarikh 5 April 2012 kepada Penasihat Undang-undang Kementerian Kerja Raya bagi meminda Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984.

24.5.2.2. Ketidaktepatan Sistem Info Kontraktor, Sistem Maklumat Kontraktor Dan Pangkalan Data PKK

a. Sistem Info Kontraktor

Info Kontraktor adalah satu sistem rekod PKK yang membolehkan agensi Kerajaan menyemak maklumat kontraktor. Semakan Audit mendapati maklumat yang ditunjukkan dalam Info Kontraktor adalah berbeza dengan butiran yang dicatat dalam Daftar Rayuan Syarikat bagi permohonan baru awam/elektrik PKK. Perbezaan maklumat tersebut adalah seperti berikut:

i. Permohonan pembaharuan kontraktor telah diluluskan dalam Daftar Rayuan Syarikat, namun status kontraktor dalam Info Kontraktor dicetak “Batal: Tidak mohon pembaharuan (Autobatal)”.

ii. Tiada status “dibatalkan” dalam Info Kontraktor sedangkan tempoh sah laku pendaftaran sudah luput.

iii. Tempoh taraf Bumiputera dalam Info Kontraktor diberi 6 tahun sedangkan tempoh maksimum taraf Bumiputera adalah 3 tahun sahaja.

b. Masalah Sistem Maklumat Kontraktor

Mengikut Panduan Am Pendaftaran Kontraktor Kerja Awam, tempoh sah laku pendaftaran adalah selama 2 tahun sahaja kecuali bagi kontraktor Kelas F iaitu selama 3 tahun. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap Sistem Maklumat Kontraktor (SMK) mendapati 243 kontraktor Kelas A hingga E mempunyai tempoh sah laku pendaftaran melebihi 2 tahun. Ini menunjukkan laporan yang dihasilkan oleh SMK kurang tepat.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

PKK mengakui ketidaktepatan maklumat kontraktor ada berlaku. Keadaan ini terjadi kerana peralihan sistem daripada Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi kepada Kementerian Kerja Raya yang tidak sempurna. Sehubungan itu, pembetulan terhadap modul-modul di dalam sistem telah dibuat.

Pada pendapat Audit, ketepatan maklumat kontraktor adalah penting supaya agensi Kerajaan yang menggunakan perkhidmatan ini dapat membuat keputusan yang tepat terutama berkaitan kontraktor yang akan mengambil bahagian dalam perolehan Kerajaan.

24.5.2.3. Modal Kontraktor Tidak Dikemaskinikan Dalam Sistem Maklumat Kontraktor

Pegawai proses PKK perlu mengemas kini maklumat modal kontraktor yang terkini bagi setiap pembaharuan permohonan dalam Sistem Maklumat Kontraktor (SMK). Berdasarkan temu bual dan semakan fail, pihak Audit mendapati terdapat modal kontraktor yang baru tidak dikemas kini di Ibu Pejabat PKK dan juga cawangan PKK Sabah.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

Semua pegawai proses PKK telah dimaklumkan mengenai perkara ini.

Pada pendapat Audit, PKK perlu mengambil tindakan mengemas kini modal kontraktor dalam SMK bagi menunjukkan kedudukan sebenar kewangan kontraktor.

24.5.2.4. Kesilapan Pengiraan Modal Kontraktor

Mengikut Panduan Am Pendaftaran Kontraktor PKK (Lampiran C), bagi perniagaan yang berdaftar dengan pendaftar perniagaan sama ada perniagaan perseorangan atau perniagaan perkongsian, modal yang diambil kira adalah purata baki terakhir untuk 3 bulan berturut-turut akaun semasa pemohon termasuk akaun ahli kongsi (mengikut syer masing-masing) jika pemohon sebuah perniagaan perkongsian atau penyata akaun simpanan bank pemohon. Semakan Audit menemui kesilapan dalam pengiraan modal di Ibu pejabat PKK, Cawangan PKK Wilayah Persekutuan dan Cawangan PKK Sabah. Antara kesilapannya adalah amaun daripada penyata bank yang silap dimasukkan dalam pengiraan dan bagi perniagaan perkongsian, amaun akaun ahli kongsi yang diambil kira tidak mengikut syer masing-masing. Ini disebabkan pegawai proses tidak memahami cara pengiraan modal yang betul. Contoh kesilapan pengiraan modal adalah seperti berikut:

JADUAL 24.2
CONTOH KESILAPAN PENGIRAAN MODAL KONTRAKTOR

CONTOH	PENGIRAAN PKK		PENGIRAAN AUDIT		CATATAN
	TARIKH	AMAUN (RM)	TARIKH	AMAUN (RM)	
1	31.05.2010	23,190.51	31.05.2010	23,190.51	Pengiraan PKK tidak tepat kerana amaun Debit yang sepatutnya ditolak telah ditambah.
	30.06.2010	4,410.89 (DEBIT)	30.06.2010	4,410.89 (DEBIT)	
	31.07.2010	17,480.38	31.07.2010	17,480.38	
	Jumlah Modal	**45,081.78**	**Jumlah Modal**	**36,260.00**	
	Purata Modal 3 Bulan	**15,027.26**	**Purata Modal 3 Bulan**	**12,086.67**	
2	31.01.2011	12,241.00	31.12.2010	4,673.00	Pengiraan PKK tidak tepat/tidak konsisten kerana mengambil amaun pada awal bulan iaitu 07.03.2011. Sepatutnya hanya baki akhir perlu diambil bagi setiap bulan.
	28.02.2011	93,771.00	31.01.2011	12,241.00	
	07.03.2011	86,264.00	28.02.2011	93,771.00	
	Jumlah Modal	**192,276.00**	**Jumlah Modal**	**110,685.00**	
	Purata Modal 3 Bulan	**64,092.00**	**Purata Modal 3 Bulan**	**36,895.00**	
3	24.12.2009	27,099.00	31.12.2009	11,155.08	Pengiraan PKK tidak tepat kerana mengambil 2 amaun dalam bulan yang sama (Disember 2009). Sepatutnya hanya satu baki akhir perlu diambil bagi setiap bulan.
	27.12.2009	21,094.00	31.01.2010	220.76	
	31.01.2010	220.00	28.02.2010	11.03	
	Jumlah Modal	**48,413.00**	**Jumlah Modal**	**11,386.87**	
	Purata Modal 3 Bulan	**16,137.67**	**Purata Modal 3 Bulan**	**3,795.62**	

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

Latihan mengenai pengiraan modal kepada semua pegawai PKK telah dilaksanakan semasa Mesyuarat Pengarah Negeri dan Pegawai Kanan diadakan pada 1 Mac 2012 di Pulai Spring Johor.

24.5.3. Penilaian Kepuasan Pelanggan - Jabatan/Agensi Kerajaan

Bagi menentukan kepuasan Jabatan/Agensi Kerajaan, sebanyak 9 Jabatan/Agensi telah diminta memberikan maklum balas mereka melalui satu soal selidik yang diedarkan oleh pasukan Audit. Hasil daripada soal selidik tersebut mendapati 8 (88.9%) daripada Jabatan/Agensi Kerajaan tersebut tidak berpuas hati mengenai data/maklumat dalam Sistem Maklumat Kontraktor yang tidak kemas kini.

Rumusan yang boleh dibuat hasil daripada maklum balas tersebut ialah data/maklumat dalam Sistem Maklumat Kontraktor tidak lengkap, tidak tepat dan tidak kemas kini. Ini adalah konsisten dengan hasil semakan Audit seperti di perenggan atas. Oleh itu, PKK perlu mengambil tindakan segera untuk mengemas kini data/maklumat SMK. Maklumat yang tepat dan lengkap bukan saja dapat membantu Agensi/Jabatan menilai prestasi kontraktor bagi tujuan analisis tender malahan dapat mengurangkan projek bermasalah dan dapat menjamin kontraktor yang dilantik adalah yang berkelayakan dan berwibawa.

24.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini, adalah disyorkan supaya PKK mengambil tindakan seperti berikut:

24.6.1. Menetapkan piagam pelanggan yang praktikal dan memastikan ia dicapai bagi menjamin kepuasan kontraktor.

24.6.2. Merujuk kepada Menteri Kewangan untuk membuat pindaan kepada yuran yang dikenakan kepada kontraktor Kelas F dan pindaan kepada tempoh sah pendaftaran Kelas F.

24.6.3. Mengambil kira pandangan Jabatan Peguam Negara mengenai proses perubahan fi dalam Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984 supaya selaras dengan kehendak undang-undang.

24.6.4. Mengambil tindakan untuk menyeragamkan ketidakselarasan antara Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984 dengan Arahan Perbendaharaan.

24.6.5. Bekerjasama dengan Bahagian Pengurusan Maklumat dalam memastikan sistem rekod PKK sentiasa tepat dan kemas kini bagi memastikan maklumat yang dipamerkan adalah benar dan boleh dipercayai.

24.6.6. Latihan perlu diberikan kepada semua pegawai proses mengenai cara pengiraan modal yang betul untuk memastikan kontraktor yang berdaftar dengan PKK benar-benar berkelayakan dari segi pemilikan modal.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 179-183
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

25. PENTADBIRAN KONTRAK

25.1. LATAR BELAKANG

25.1.1. Satu ikatan kontrak wujud antara Kerajaan dengan petender setelah Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani dan dikembalikan oleh petender kepada Kerajaan. Seterusnya, penyediaan dokumen kontrak diuruskan oleh pejabat yang memanggil tender yang menjelaskan hak dan tanggungjawab pihak yang berkontrak secara bertulis. Pentadbiran kontrak mestilah diuruskan dengan teratur dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa bermula daripada fasa SST hinggalah ke fasa penyediaan akaun muktamad.

25.1.2. Pentadbiran kontrak bagi Kementerian/Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masingnya diuruskan sendiri oleh Kementerian/PTJ yang terlibat dengan kontrak tersebut. Manakala Unit Perolehan di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Pengangkutan (Kementerian) pula bertindak sebagai urus setia bagi pengurusan dokumen tender di peringkat Kementerian. Pentadbiran kontrak secara keseluruhannya melibatkan kontrak yang diperoleh sama ada secara tender terbuka, tender terhad dan rundingan terus yang meliputi kerja pembinaan; pengerukan; projek menaik taraf; perolehan bekalan dan perkhidmatan serta lain-lain kontrak. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011, Kementerian telah menguruskan sebanyak 149 kontrak dengan nilai kos berjumlah RM3.684 bilion seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.1
KONTRAK DI KEMENTERIAN/JABATAN DAN AGENSINYA
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011

KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI	TENDER				JUMLAH	
	2008	2009	2010	2011	BIL.	NILAI (RM Juta)
Kementerian Pengangkutan	5	2	8	22	37	408.94
Jabatan Laut Malaysia	10	5	-	-	15	58.24
Jabatan Pengangkutan Jalan	-	2	3	2	7	64.60
Jabatan Penerbangan Awam	7	8	12	5	32	270.68
Keretapi Tanah Melayu Berhad	2	33	8	14	57	2,781.62
Lembaga Pelabuhan Klang	-	1	-	-	1	99.90
JUMLAH	**24**	**51**	**31**	**43**	**149**	**3,683.98**

25.2. OBJEKTIF AUDIT

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pentadbiran kontrak di Kementerian telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

25.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi pentadbiran kontrak yang telah dilaksanakan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011 di Kementerian dan Jabatan/Agensinya iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Laut Malaysia (JLM), Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Pengauditan ditumpukan terhadap 20 sampel kontrak terpilih dengan nilai kontrak berjumlah RM2.646 bilion seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.2
SAMPEL KONTRAK YANG DIAUDIT

KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI	NO. KONTRAK	KOS PROJEK (RM Juta)
Kementerian Pengangkutan	KP/KEW/02/2009	99.90
	KP/KEW/02/2010	84.44
	KP/KEW/03/2010	52.44
	KP/KEW/02/2011	37.36
	KP/KTM/19/2009	2.78
	KP/KTM/02/2010	15.82
	KP/KTM/07/2010	85.88
	KP/KTM/12/2011	133.25
Jabatan Penerbangan Awam	DCA/TAD/6/2008 BP	33.88
	DCA/TAD/7/2008 BM	7.59
	DCA/TAD/R/10/2009 BP	128.43
Keretapi Tanah Melayu Berhad	KP/KTM/23/2009	1.80
	KP/KTM/26/2009	3.25
	KP/KTM/30/2009	0.56
	KP/KTM/03/2010	1,894.40
	KP/KTM/04/2010	3.59
	KP/KTM/02/2011	15.82
Jabatan Pengangkutan Jalan	Tiada Nombor Kontrak - *The Maintenance & Technical Support Services of Computers (Hardware & Software) and Computer Networking Systems*	36.80
Jabatan Laut Malaysia	ILP 32/2008	3.96
	ILP 87/2008	4.25
JUMLAH		**2,646.20**

25.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data bagi kontrak terpilih di Kementerian dan Jabatan/Agensinya yang berkaitan. Selain itu, lawatan dan pemeriksaan fizikal serta temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan.

25.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2012 mendapati pentadbiran kontrak di Kementerian dan Jabatan/Agensinya pada umumnya adalah memuaskan. Kementerian dan Jabatan/Agensi berkaitan telah mematuhi terma kontrak berhubung penyediaan dokumen kontrak; peranan dan tanggungjawab Pegawai Penguasa (PP) dan wakilnya; urusan bayaran pendahuluan; urusan Perakuan Kelewatan dan Lanjutan Masa; urusan pengenaan ganti rugi terhadap kelewatan penyiapan serta urusan pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan dalam pentadbiran kontrak antaranya seperti berikut:

i. urusan mematikan setem tidak diambil tindakan sewajarnya iaitu tidak mendapat pengecualian duti setem ataupun dimatikan setem;
ii. dokumen kontrak lewat ditandatangani; dan
iii. ketidakpatuhan kepada syarat kontrak seperti Bon Pelaksanaan lewat dikemukakan.

Penjelasan lanjut berhubung dengan penemuan Audit dan maklum balas Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:


25.5.1. Pengurusan Dokumen Kontrak

25.5.1.1. Urusan Mematikan Setem

a. Menurut Seksyen 41 Akta Setem 1949, semua surat cara yang dikenakan duti dan dikeluarkan di Malaysia perlu disetem sebelum atau pada masa ia dikeluarkan. Semakan Audit mendapati 9 sampel kontrak Kementerian, DCA dan KTMB tidak diambil tindakan sewajarnya iaitu tidak mendapat pengecualian duti setem mahupun dimatikan setem. Manakala sebanyak 7 kontrak telah dikecualikan daripada duti setem dan hanya 4 kontrak yang telah menjelaskan duti setem.


b. Menurut Seksyen 35 Akta Setem 1949, instrumen yang tidak boleh dikenakan duti setem antaranya melibatkan apa jua bentuk atau salinan instrumen yang dibuat atau dilaksanakan oleh atau bagi pihak Raja sesuatu Negeri atau Kerajaan Malaysia atau mana-mana Negeri atau Keretapi Tanah Melayu. Akta tersebut juga menyatakan Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri merujuk kepada sub-seksyen 134(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 hendaklah menjadi pemungut duti setem. Sehubungan itu, segala urusan duti setem termasuklah pengesahan pengecualian duti setem dibuat oleh Bahagian Duti Setem, Jabatan Operasi Cukai, LHDN dengan ditandatangani oleh Pemungut Duti Setem serta diberikan nombor rujukan seperti di **Gambar 25.1**. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pengecualian duti setem bagi 6 daripada 7 kontrak yang telah dikecualikan daripada duti setem tidak disahkan oleh LHDN sebaliknya dibuat oleh Kementerian/Jabatan/Agensinya sendiri seperti di **Gambar 25.2**. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 25.3**.

GAMBAR 25.1



Kontrak Oleh Jabatan Pengangkutan Jalan - Pengecualian Duti Setem Oleh LHDN Shah Alam (05.04.2012)

GAMBAR 25.2



Kontrak IPL 32/2008 Oleh Jabatan Laut Malaysia - Pengecualian Duti Setem Dilakukan Sendiri Oleh Jabatan (05.04.2012)

JADUAL 25.3
URUSAN MEMATIKAN SETEM BAGI KONTRAK DI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI	NO. KONTRAK	DIMATIKAN SETEM	DIKECUALIKAN DUTI SETEM
Kementerian Pengangkutan	KP/KEW/02/2009	×	×
	KP/KEW/02/2010	-	*
	KP/KEW/03/2010	-	*
	KP/KEW/02/2011	×	×
	KP/KTM/19/2009	×	×
	KP/KTM/02/2010	×	×
	KP/KTM/07/2010	-	*
	KP/KTM/12/2011	-	*
Jabatan Penerbangan Awam	DCA/TAD/6/2008 BP	×	×
	DCA/TAD/7/2008 BM	×	×
	DCA/TAD/R/10/2009 BP	✓	-

KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI	NO. KONTRAK	DIMATIKAN SETEM	DIKECUALIKAN DUTI SETEM
Keretapi Tanah Melayu Berhad	KP/KTM/23/2009	×	×
	KP/KTM/26/2009	×	×
	KP/KTM/30/2009	✓	-
	KP/KTM/03/2010	✓	-
	KP/KTM/04/2010	✓	-
	KP/KTM/02/2011	×	×
Jabatan Pengangkutan Jalan	Tiada Nombor Kontrak – *The Maintenance & Technical Support Services of Computers (Hardware & Software) and Computer Networking Systems*	-	✓
Jabatan Laut Malaysia	ILP 32/2008	-	*
	ILP 87/2008	-	*

Nota: ***(✓) - Ya*** ***(×) - Tidak*** ***(*) - Pengecualian Duti Setem Dilakukan Sendiri Oleh Jabatan***

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Dokumen asal kontrak berkenaan telah dicop pengecualian duti setem dan telah diberikan kepada kontraktor. Manakala dokumen salinan tidak dicop pengecualian duti setem disimpan oleh Kementerian. Bagaimanapun, Kementerian akan mengambil langkah mengenal pasti dokumen kontrak yang tidak dicop pengecualian duti setem dan akan mendapatkan semula salinan dokumen kontrak asal daripada pihak tertentu untuk simpanan Kementerian.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan setiap kontrak di Kementerian/Jabatan/Agensinya diambil tindakan untuk disetemkan sewajarnya mengikut undang-undang yang berkuat kuasa supaya dokumen kontrak boleh diterima sebagai keterangan di mahkamah jika terdapat sebarang kemungkiran atau pertikaian oleh mana-mana pihak.

25.5.1.2. Surat Setuju Terima

Surat Setuju Terima (SST) ialah surat pengesahan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan kepada syarat yang telah ditetapkan dalam dokumen tender, syarat yang telah dipersetujui dalam Surat Niat dan syarat lain yang telah dipersetujui melalui rundingan sebelumnya. Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, kontrak adalah berkuat kuasa setelah SST ditandatangani dan dikembalikan oleh kontraktor kepada agensi. Bagi kontrak *The Maintenance & Technical Support Services of Computers (Hardware & Software) and Computer Networking Systems* yang bernilai RM36.80 juta di JPJ, adalah didapati SST hanya dikeluarkan pada 9 Disember 2010 iaitu selepas 343 hari kontrak berkuat kuasa iaitu pada 1 Januari 2010. SST tersebut telah dijawab oleh kontraktor iaitu Heitech Padu Berhad pada 10 Disember 2010 dan kontrak telah ditandatangani antara Kerajaan dengan kontraktor pada 14 Disember 2010. Semakan Audit selanjutnya mendapati kontrak tersebut yang dibuat secara rundingan terus adalah merupakan kontrak sambungan dengan kontraktor yang sama. Bagaimanapun, pihak JPJ tidak dapat memastikan tempoh sebenar bermulanya kontrak secara rundingan terus tersebut.

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Kelewatan SST dikeluarkan adalah disebabkan masalah memuktamadkan skop kontrak tersebut oleh pihak JPJ dan Heitech Padu Berhad (HTP); pertambahan sesi rundingan terpaksa diadakan antara pihak JPJ dan HTP bagi pengurangan kos penyenggaraan dan hanya dipersetujui selepas draf ke-5 dokumen perjanjian

dimuktamadkan; kelulusan mengadakan perolehan secara rundingan terus hanya diperoleh daripada Kementerian Kewangan pada 25 Ogos 2010; dan keputusan kelulusan penyambungan Kontrak Penyenggaraan Sistem Pengkomputeran JPJ oleh Lembaga Perolehan 'B' hanya diperoleh pada 26 November 2010.

Pada pendapat Audit, Kementerian/Jabatan/Agensinya perlu memastikan SST dikeluarkan sebagaimana ketetapan undang-undang yang berkuat kuasa.

25.5.1.3. Perjanjian Kontrak

a. Menandatangani Kontrak

i. Mengikut Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya (Edisi Ketiga), nombor kad pengenalan dan nama penuh pihak yang menandatangani dokumen kontrak termasuk saksi hendaklah direkodkan di dalam dokumen tersebut dengan lengkap. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati maklumat pihak yang menandatangani kontrak tidak lengkap bagi 8 kontrak. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.4
MAKLUMAT PERAKUAN PENERIMAAN KONTRAK
YANG TIDAK LENGKAP BAGI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI	NO. KONTRAK	PERAKUAN PENERIMAAN KONTRAK	CATATAN
Kementerian Pengangkutan	KP/KEW/02/2009	×	Tiada Nombor Kad Pengenalan
	KP/KEW/02/2010	✓	
	KP/KEW/03/2010	✓	
	KP/KEW/02/2011	✓	
	KP/KTM/19/2009	✓	
	KP/KTM/02/2010	×	Tiada Nombor Kad Pengenalan
	KP/KTM/07/2010	✓	
	KP/KTM/12/2011	✓	
Jabatan Penerbangan Awam	DCA/TAD/6/2008 BP	×	Tiada Nombor Kad Pengenalan
	DCA/TAD/7/2008 BM	×	Tiada Nombor Kad Pengenalan
	DCA/TAD/R/10/2009 BP	×	Tiada Nombor Kad Pengenalan
Keretapi Tanah Melayu Berhad	KP/KTM/23/2009	✓	
	KP/KTM/26/2009	✓	
	KP/KTM/30/2009	✓	
	KP/KTM/03/2010	✓	
	KP/KTM/04/2010	✓	
	KP/KTM/02/2011	✓	
Jabatan Pengangkutan Jalan	Tiada Nombor Kontrak - *The Maintenance & Technical Support Services of Computers (Hardware & Software) and Computer Networking Systems*	×	Tiada Nombor Kad Pengenalan
Jabatan Laut Malaysia	ILP 32/2008	×	Tiada Nombor Kad Pengenalan
	ILP 87/2008	×	Tiada Nombor Kad Pengenalan

Nota: ***(✓) - Ada*** ***(×) - Tiada***

ii. Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dalam masa 4 bulan selepas SST dikeluarkan. Semakan Audit mendapati terdapat 8 kontrak yang lewat ditandatangani selepas SST dikeluarkan. Kelewatan adalah antara 4 hingga 78 hari. Semakan Audit selanjutnya tidak dapat mengesahkan tarikh kontrak ditandatangani memandangkan ia tidak dinyatakan dalam dokumen berkenaan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.5
MAKLUMAT KONTRAK DITANDATANGANI BAGI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI	NO. KONTRAK	KONTRAK DITANDATANGANI DALAM TEMPOH DITETAPKAN	TEMPOH KELEWATAN KONTRAK DITANDATANGANI (Hari)
Kementerian Pengangkutan	KP/KEW/02/2009	×	15
	KP/KEW/02/2010	×	70
	KP/KEW/03/2010	×	70
	KP/KEW/02/2011	×*	TDT
	KP/KTM19/2009	×	4
	KP/KTM/02/2010	×	4
	KP/KTM/07/2010	×*	TDT
	KP/KTM/12/2011	✓	-
Jabatan Penerbangan Awam	DCA/TAD/6/2008 BP	×*	TDT
	DCA/TAD/7/2008 BM	✓	-
	DCA/TAD/R/10/2009 BP	✓	-
Keretapi Tanah Melayu Berhad	KP/KTM/23/2009	×	50
	KP/KTM/26/2009	✓	31
	KP/KTM/30/2009	✓	-
	KP/KTM/03/2010	✓	-
	KP/KTM/04/2010	×*	TDT
	KP/KTM/02/2011	×	78
Jabatan Laut Malaysia	ILP 32/2008	✓	-
	ILP 87/2008	✓	-
Jabatan Pengangkutan Jalan	Tiada Nombor Kontrak - *The Maintenance & Technical Support Services of Computers (Hardware & Software) and Computer Networking Systems*	×*	TDT

Nota: ***(✓) - Ya*** ***(×) - Tidak*** ***(*) - Tidak Dapat Ditentukan (TDT) Kerana Tidak Menyatakan Tarikh Ditandatangani***

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Kelewatan menandatangani kontrak selepas SST dikeluarkan adalah berpunca daripada proses memuktamadkan draf dokumen kontrak kerana Penasihat Undang-undang (PUU) Kementerian dan Agensi mempunyai kekangan kakitangan dalam penilaian dan semakan draf dokumen kontrak tersebut. Selain itu, terdapat juga masalah teknikal untuk memuktamadkan reka bentuk oleh perunding dan kontraktor semasa penyediaan dokumen kontrak.

iii. Kontrak perlu ditandatangani sebelum perkhidmatan dijalankan bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara. Bagi perkhidmatan yang melibatkan *The Maintenance & Technical Support Services of Computers (Hardware & Software) and Computer Networking Systems* di JPJ pula, Heitech Padu Berhad telah ditawarkan untuk menjalankan perkhidmatan tersebut di JPJ mulai 1 Januari 2010 hingga 31 Disember 2011. Bagaimanapun, semakan Audit pada 15 Mac 2012 mendapati tiada kontrak sambungan ditandatangani antara JPJ dengan kontraktor berkenaan bagi menjalankan perkhidmatan tersebut. Lawatan Audit ke Pejabat Teknologi Maklumat JPJ di Cyberjaya pada tarikh yang sama selanjutnya mendapati perkhidmatan tersebut masih dijalankan oleh Heitech Padu Berhad dan perkara ini turut disahkan oleh pihak JPJ. JPJ juga memaklumkan kontrak sambungan yang sepatutnya bermula pada 1 Januari 2012 masih belum dimuktamadkan.

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Kontrak sambungan bagi tahun 2012 telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan secara rundingan terus pada 26 Januari 2012 untuk tempoh 8 bulan iaitu mulai 1 Januari hingga 31 Ogos 2012 dengan anggaran kos berjumlah RM11.93 juta. JPJ telah mengeluarkan Surat Niat kepada Heitech Padu Berhad pada 2 Mac 2012. Bagaimanapun, pembayaran tidak akan dibuat sehingga kontrak ditandatangani antara kedua-dua pihak dan tuntutan bayaran Heitech Padu Berhad dari bulan Januari hingga Mac 2012 hanya boleh dikemukakan setelah kontrak ditandatangani. JPJ juga sedang dalam proses memuktamadkan dokumen kontrak tersebut. Selain itu, pihak Audit turut dimaklumkan bahawa tender terbuka akan dilaksanakan mulai bulan Ogos 2012.

Pada pendapat Audit, Kementerian/Jabatan/Agensinya perlu memastikan kontrak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas SST dikeluarkan serta memastikan ia lengkap ditandatangani sebagaimana ketetapan peraturan yang berkuat kuasa.

b. Terma Kontrak

Kontrak KP/KTM/12/2011 antara Kementerian dengan CSR Zhuzhou Electric Locomotive Co. Ltd. bernilai RM133.25 juta adalah untuk penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih 38 set koc bagi 6 buah kereta *electric multiple units* (EMU). Kontrak tersebut yang telah ditandatangani pada 22 Disember 2011 adalah meliputi kerja penyenggaraan EMU bagi tempoh 24 bulan bermula dari tarikh perakuan pengambilan pertama unit EMU iaitu pada 15 Februari 2012. Menurut kontrak, pembayaran perlu dibuat mengikut *standard service payments* (SSP). Semakan Audit mendapati tiada perincian yang jelas mengenai penjenisan kerja yang perlu dilakukan oleh kontraktor bagi melayakkan mereka membuat tuntutan seperti di SSP tersebut. Selain itu, pihak Audit tidak dapat menentukan justifikasi terhadap penetapan kadar bayaran yang hanya dibuat secara purata mengikut sukuan. Ini kerana beban kerja penyenggaraan adalah tidak setara bagi sesuatu tempoh dan dijangka meningkat dalam tempoh yang lebih panjang. Butiran SSP sebagaimana yang dinyatakan dalam kontrak adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.6
STANDARD SERVICE PAYMENTS

BIL.	BUTIRAN	JUMLAH (RM)	PENDAHULUAN DIKEMBALIKAN (RM)	JUMLAH SEBENAR (RM)
1	*Advance Payment*	19,987,500	-	19,987,500
2	*First Quarter Payment subtracted recoupment of ¼ of Advance Payment*	16,656,250	(4,996,875)	11,659,375
3	*Second Quarter Payment subtracted recoupment of ¼ of Advance Payment*	16,656,250	(4,996,875)	11,659,375
4	*Third Quarter Payment subtracted recoupment of ¼ of Advance Payment*	16,656,250	(4,996,875)	11,659,375
5	*Fourth Quarter Payment subtracted recoupment of ¼ of Advance Payment*	16,656,250	(4,996,875)	11,659,375
6	*Fifth Quarter Payment*	16,656,250	-	16,656,250
7	*Sixth Quarter Payment*	16,656,250	-	16,656,250
8	*Seventh Quarter Payment*	16,656,250	-	16,656,250
9	*Final Payment*	16,656,250	-	16,656,250
JUMLAH				**133,250,000**

Pada pendapat Audit, jenis kerja yang dilakukan oleh kontraktor bagi setiap peringkat pembayaran perlu diperincikan dalam kontrak penyenggaraan bagi memudahkan Kementerian/Jabatan/Agensinya memantau pembayaran selaras dengan prestasi kerja sebenar yang dilakukan oleh kontraktor.

25.5.2. Pematuhan Syarat Kontrak

25.5.2.1. Bon Pelaksanaan/Wang Jaminan Pelaksanaan Dan Polisi Insurans

Bagi kontrak kerja yang melebihi RM200,000, Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada jumlah kontrak perlu dikemukakan kepada Kerajaan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh milik tapak. Kegagalan kontraktor untuk melaksanakan tanggungjawab menyelesaikan bon pelaksanaan dan syarat-syarat lain akan mengakibatkan perkhidmatan kontraktor ditamatkan. Semakan Audit mendapati bon pelaksanaan bagi 6 kontrak lewat dikemukakan oleh kontraktor mengikut tempoh yang ditetapkan seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.7
BON PELAKSANAAN LEWAT DIKEMUKAKAN OLEH KONTRAKTOR

KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI	NO. KONTRAK	TARIKH MILIK TAPAK	TARIKH BON PELAKSANAAN DAN POLISI INSURANS DIJELASKAN	BON PELAKSANAAN SEPERTI DALAM TAWARAN SST
Kementerian Pengangkutan	KP/KTM/19/2009	08.06.2009	06.07.2009	• Jaminan Bank untuk Bon Pelaksanaan RM139,040 iaitu 5% dari harga kontrak • Polisi Insurans
	KP/KTM/02/2010	19.04.2010	16.08.2010 10.05.2010	• Jaminan Bank sebanyak RM2,175,000 iaitu 5% dari harga kontrak • Polisi Insurans
	KP/KTM/07/2010	11.01.2011	28.12.2010 25.01.2011	• Bon Pelaksanaan RM4,294,000 iaitu 5% dari harga kontrak • *Contractor's All Risks Insurance Policy* tidak kurang RM85,880,000. • Nombor Pendaftaran Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)
Jabatan Penerbangan Awam	DCA/TAD/7/2008 BM	01.02.2009	15.04.2009	• Jaminan Bank (5% dari harga kontrak dikira mengikut anggaran harga kontrak setahun sahaja)

KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI	NO. KONTRAK	TARIKH MILIK TAPAK	TARIKH BON PELAKSANAAN DAN POLISI INSURANS DIJELASKAN	BON PELAKSANAAN SEPERTI DALAM TAWARAN SST
Keretapi Tanah Melayu Berhad	KP/KTM/26/2009	15.07.2009	14.09.2009 19.11.2009 19.11.2009	• Wang Jaminan Pelaksanaan (5% dari harga kontrak) • Polisi Insurans Tanggungan Awam yang nilainya tidak kurang daripada RM1 juta. • *Contractor's All Risks Insurance Policy* tidak kurang RM3.25 juta • Surat pengesahan nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Pekerja (PERKESO)
	KP/KTM/30/2009	11.09.2009	24.11.2009	• Jaminan Insurans (5% dari harga kontrak) • Polisi Insurans

Pada pendapat Audit, Kementerian/Jabatan/Agensi perlu memastikan bon pelaksanaan dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin.

25.5.2.2. Pembayaran Terhadap Kontraktor Menggunakan Peruntukan AP 58(a)

Mengikut Arahan Perbendaharaan (AP) 103(a), setiap bil/invois hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh bil/invois diterima. Mengikut AP 58(a) (i) pula, kebenaran Akauntan Negara atau Akauntan Negeri/Bendahari Negeri adalah diperlukan bagi membayar/menyelaras baucar perbelanjaan mengurus yang dikemukakan dalam tahun kewangan semasa berkaitan dengan pertanggungan yang kena dibayar pada atau sebelum hujung tahun kewangan yang lama. Adalah didapati bagi tahun 2010, JPJ telah diperuntukkan sejumlah RM22.67 juta bagi kontrak *The Maintenance & Technical Support Services of Computers (Hardware & Software) and Computer Networking Systems.* Sungguhpun demikian, RM2.43 juta daripada peruntukan tersebut telah digunakan untuk pembayaran tuntutan Lesen Kenderaan Motor daripada orang awam. Kesannya, peruntukan bagi pembayaran ke atas kontrak tersebut berkurangan dan menyebabkan 4 invois daripada kontraktor tidak dapat dijelaskan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh bil/invois diterima. Sebaliknya, JPJ terpaksa membuat pembayaran bagi 4 invois untuk bulan November dan Disember 2010 di bawah AP 58(a) pada 21 September 2011. Kelulusan pembayaran ini telah diperoleh dari Kementerian Kewangan pada 17 Ogos 2011 atas alasan peruntukan JPJ tidak mencukupi bagi tahun 2010. Perkara ini telah berulang sejak tahun 2009 dengan alasan yang sama seperti tahun 2010. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.8
INVOIS YANG DIBAYAR MENGGUNAKAN PERUNTUKAN AP 58(a)

NO. BAUCAR	TARIKH BAUCAR	PERIHAL	AMAUN (RM Juta)
B3629	20.09.2011	Bayaran Untuk *Branch Equipment* - November 2010	0.61
B3630	20.09.2011	Bayaran Untuk *Branch Equipment* - Disember 2010	0.61
B3631	20.09.2011	Bayaran Untuk *Branch Equipment* - Disember 2010	0.74
B3634	20.09.2011	Bayaran Untuk *Branch Equipment* - Disember 2010	0.47
JUMLAH			**2.43**

Pada pendapat Audit, Kementerian/Jabatan/Agensi perlu memastikan urusan pembayaran dapat diurus dengan sistematik serta selaras dengan peruntukan kewangan yang ditetapkan.

25.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang di masa hadapan, adalah disyorkan supaya Kementerian mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

25.6.1. Memastikan setiap kontrak di Kementerian/Jabatan/Agensinya diambil tindakan untuk disetemkan sewajarnya mengikut undang-undang yang berkuat kuasa supaya dokumen kontrak boleh diterima sebagai keterangan di mahkamah jika terdapat sebarang kemungkiran atau pertikaian oleh mana-mana pihak.

25.6.2. Memastikan setiap kontrak di Kementerian/Jabatan/Agensinya ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas SST dikeluarkan serta memastikan ia lengkap ditandatangani sebagaimana ketetapan peraturan yang berkuat kuasa.

25.6.3. Memastikan semua terma kontrak seperti penyerahan bon pelaksanaan dipatuhi semasa pelaksanaan kontrak.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 184-188
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

26. PROJEK LANDASAN BERKEMBAR ELEKTRIK ANTARA IPOH KE PADANG BESAR

26.1. LATAR BELAKANG


26.1.1. Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Ipoh Ke Padang Besar (Projek Ipoh ke Padang Besar) merupakan sambungan kepada Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Rawang Ke Ipoh sepanjang 179 km yang telah disiapkan pada 31 Disember 2007. Projek Ipoh ke Padang Besar sepanjang 329 km bertujuan meningkatkan keupayaan laluan landasan dan meningkatkan daya saing serta kemajuan perkeretapian di Malaysia bagi mengurangkan penggantungan penggunaan jalan raya dan lebuh raya terutama bagi perjalanan antara bandar serta pengangkutan barang bagi destinasi yang jauh.

26.1.2. Kontraktor utama bagi Projek Ipoh ke Padang Besar ialah MMC Gamuda Joint Venture Sdn. Bhd. (MGJV) yang dilantik pada 13 Disember 2007 secara rundingan terus dengan pelaksanaan projek secara reka dan bina. Kos projek (meliputi pakej infrastruktur dan pakej sistem) adalah bernilai RM12.485 bilion dan tempoh menyiapkan projek ialah 60 bulan iaitu mulai 8 Januari 2008 hingga 7 Januari 2013.

26.1.3. Pegawai Penguasa bagi projek ini ialah Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pengangkutan manakala Pengurus Besar Pengurusan Projek, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dilantik sebagai Wakil Pegawai Penguasa (SOR). Konsortium Kinta Samudra-Emenea-Techart (KSET) telah dilantik sebagai Perunding Pengurusan Projek (Project Management Consultant - PMC) untuk memantau pelaksanaan projek serta menjaga kepentingan Kerajaan. KSET telah dilantik pada 24 Februari 2009 oleh Kementerian Pengangkutan (Kementerian) dengan kos siling berjumlah RM256.96 juta.

26.1.4. Projek Ipoh ke Padang Besar merangkumi pembinaan Jajaran Utama (spine line) sepanjang 319 km dari Ipoh, Perak ke Padang Besar, Perlis dan Jajaran Cabang (spur line) di Pulau Pinang, iaitu dari Bukit Mertajam ke Butterworth sepanjang 10 km. Pelan Projek adalah seperti di rajah berikut:

RAJAH 26.1
PELAN PROJEK LANDASAN BERKEMBAR
ELEKTRIK ANTARA IPOH KE PADANG BESAR



26.2. OBJEKTIF AUDIT

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Ipoh ke Padang Besar telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat.

26.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini merangkumi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Projek Ipoh ke Padang Besar dari tahun 2001 hingga 2011. Pengauditan telah dijalankan di Kementerian Pengangkutan (Kementerian), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Perunding Projek (KSET), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pihak Berkuasa Negeri, Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG) Kedah dan Perlis serta Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri dan UPE Negeri Kedah dan Perak.

26.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan terhadap fail, dokumen dan rekod yang berkaitan serta mengadakan lawatan ke tapak projek, temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab di kementerian/jabatan/agensi yang terlibat. Perbincangan dengan pihak ketiga yang terlibat juga diadakan pada bulan Februari 2012 untuk mendapatkan maklum balas berkenaan pelaksanaan projek. Jabatan dan agensi yang berkenaan ialah Pejabat Tanah Galian, Unit Perancang Ekonomi Negeri, JPS dan Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia bagi negeri Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang berserta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan juga Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Pulau Pinang.

26.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2011 mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan projek adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaannya. Bagaimanapun, prestasi fizikal keseluruhan projek setakat 31 Disember 2011 adalah mengikut jadual setelah mengambil kira 2 lanjutan masa selama 669 hari. Selain itu, undang-undang alam sekitar juga dipatuhi dalam pelaksanaan projek. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

i. dua lanjutan masa selama 669 hari telah meningkatkan kos keseluruhan projek dengan kenaikan yuran perunding;
ii. pihak audit tidak dapat menentukan sama ada bayaran yuran khidmat nasihat kewangan berjumlah RM1.06 juta kepada CIMB Investment Bank Berhad dan Maybank Investment Berhad adalah pada kadar yang kompetitif kerana Kementerian tidak mengeluarkan tawaran kepada bank-bank lain;
iii. kelewatan dalam pengambilan tanah di antara 82 hingga 1,227 hari;
iv. pelantikan kontraktor tidak secara pembidaan kompetitif;
v. syarat kontrak yang tidak menjamin kepentingan Kerajaan; dan
vi. kerja pembinaan yang tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

26.5.1. Prestasi Projek

26.5.1.1. Prestasi Fizikal

Mengikut syarat kontrak, tarikh siap asal projek adalah pada 7 Januari 2013. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Dua lanjutan masa telah diluluskan oleh Pegawai Penguasa. Ini bermakna Tarikh Siap Dijangka (Revised Completion Date) untuk Jajaran Utama adalah pada 7 Jun 2014 manakala untuk Jajaran Cabang serta 4 yad utama di Bukit Mertajam, Bukit Tengah, Prai dan Butterworth ialah pada 7 November 2014. Dengan 2 lanjutan masa tersebut, keseluruhan Projek Ipoh ke Padang Besar dijangka akan disiapkan pada 7 November 2014. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.1
LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

LANJUTAN MASA	KOMPONEN PROJEK	TEMPOH DILIPUTI	TARIKH SIJIL PERAKUAN KELAMBATAN	JUMLAH HARI	SEBAB LANJUTAN MASA
1	Keseluruhan Projek	08.01.2013 Hingga 07.12.2013	30.10.2009	334	• Perubahan reka bentuk yang disebabkan oleh cadangan Penang Port Sdn. Bhd. dalam pembangunan yad kereta api di Prai. • Penyelesaian penempatan setinggan di Kg. Manis.
2	Jajaran Utama	08.12.2013 Hingga 07.06.2014	25.01.2011	183	• Kelewatan penyerahan tapak projek.
	Jajaran Cabang Serta 4 Yad Kereta Api	08.12.2013 Hingga 07.11.2014		335	• Kelewatan penyerahan tapak projek.

b. Setakat 31 Disember 2011, kemajuan keseluruhan projek adalah 74.4% berbanding jadual 70.9% manakala kemajuan fizikal projek adalah 79.8% berbanding jadual 76.2% (termasuk lanjutan masa yang diluluskan). Prestasi kemajuan keseluruhan dan fizikal projek pada 31 Disember 2011 selepas diambil kira lanjutan masa kedua adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.2
PRESTASI KESELURUHAN DAN FIZIKAL PROJEK
PADA 31 DISEMBER 2011

PRESTASI	PERANCANGAN (%)	SEBENAR (%)	PERBEZAAN (± %)
Keseluruhan	70.9	74.4	+3.5
Fizikal (Komponen Projek)	76.2	79.8	+3.6

Pada pendapat Audit, Projek Ipoh ke Padang Besar telah dilaksanakan mengikut jadual yang dirancang setelah mengambil kira 2 lanjutan masa selama 669 hari. Bagaimanapun, lanjutan masa tersebut telah meningkatkan kos keseluruhan projek dengan kenaikan yuran perunding yang belum dimuktamadkan oleh Kementerian sehingga akhir bulan Mac 2012.

26.5.1.2. Prestasi Kewangan

Bagi melaksanakan Projek Ipoh ke Padang Besar, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM2.395 bilion dan RM8.232 bilion masing-masingnya di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) dan RMKe-10. Memandangkan peruntukan pembangunan yang diluluskan adalah tidak mencukupi, pembiayaan berjumlah RM6.70 bilion melalui Skim Pembayaran Tertangguh (SPT) telah dipersetujui oleh UPE dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) telah dilantik sebagai *Lead Lender* iaitu bank yang memberi kemudahan kewangan bagi membiayai projek. Untuk melaksanakan SPT, dua perjanjian di antara BPMB dan MGJV serta perjanjian tambahan di antara Kerajaan Malaysia dan MGJV

telah ditandatangani masing-masing pada 25 Mac 2009 dan 26 Mac 2009. Semakan Audit terhadap prestasi kewangan projek mendapati perkara berikut:

a. Selain daripada harga kontrak bernilai RM12.485 bilion, Kementerian perlu menanggung kos tambahan berjumlah RM3.608 bilion. Antaranya ialah kos pengambilan tanah, sagu hati setinggan, yuran perunding, caj sambungan TNB dan faedah pinjaman SPT. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.3
KOS SELAIN DARIPADA HARGA KONTRAK

BUTIRAN	KOS (RM Juta)
Pengambilan Tanah	698.17*
Sagu Hati Setinggan	37.64*
Perkhidmatan Perunding	256.96
Caj Sambungan TNB	203.48
Other And Legal Fees	1.38
Yuran Memproses Skim Bayaran Tertangguh	10.05
Faedah Pinjaman BPMB	2,400.00
JUMLAH	**3,607.68**

Nota: ***(*) - Berdasarkan Rekod KTMB***

b. Kos projek akan meningkat dengan kelulusan 2 lanjutan masa. Pada 23 Februari 2011, KSET telah mengemukakan rayuan kenaikan yuran perunding sebanyak RM52.50 juta kepada Kementerian Kewangan. Selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2011 (Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011) yang memberi kuasa kepada Lembaga Perolehan A Agensi untuk meluluskan tambahan kos perkhidmatan perunding tanpa had nilai jika tambahan tersebut disebabkan oleh Arahan Perubahan Kerja atau Lanjutan Masa. Kementerian Kewangan pada 6 Mei 2011 telah menasihatkan KSET untuk merujuk permohonan tersebut kepada Kementerian. Bagaimanapun sehingga bulan Mei 2012, Kementerian sedang meneliti permohonan KSET mengikut prosedur sedia ada.

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Perkhidmatan perunding akan dihadkan dalam tempoh tanggungan kecacatan di mana tanggungjawab pemantauan dalam tempoh tersebut akan dijalankan oleh KTMB. Ini merupakan langkah untuk mengurangkan kos projek dan kenaikan yuran perunding akan diputuskan dengan mengguna pakai Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011 serta dirunding berdasarkan kepada status projek semasa.

c. Setakat 31 Disember 2011, sejumlah RM2.395 bilion (99.8%) dan RM655.60 juta (4.5%) telah dibelanjakan masing-masingnya daripada peruntukan yang diterima di bawah RMKe-9 dan RMKe-10. Manakala RM6.70 bilion pinjaman BPMB telah dibelanjakan sepenuhnya untuk bayaran interim. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.4
PERBELANJAAN PROJEK SEHINGGA 31 DISEMBER 2011

PERIHAL	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Bayaran Kemajuan (No. 1 - 6)	1,573.00	-	-	559.29	2,132.29
Deferred Payment Loan (Bayaran Kemajuan No. 7 - 40)	306.68	2,766.28	1,991.50	1,635.53	6,699.99

PERIHAL	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Associated Cost And Expenses	1.56	3.32	2.96	2.21	10.05
Legal Fee And Other Fee	-	1.38	-	-	1.38
Yuran Perunding	-	55.37	44.13	45.96	145.46
Pengambilan Tanah	57.34	388.48	227.66	46.43	719.91
Setinggan	-	12.94	23.03	1.67	37.64
JUMLAH	**1,938.58**	**3,227.77**	**2,2689.28**	**2,291.09**	**9,746.72**

d. Bagi melaksanakan SPT, Kementerian perlu menanggung kos sampingan berjumlah RM2.411 bilion. Persetujuan Kementerian untuk menanggung kos sampingan telah diputuskan dalam mesyuarat yang diadakan pada 24 Februari 2009. Ini adalah berdasarkan surat KSET kepada Kementerian bertarikh 27 Februari 2009 yang mengandungi nota perbincangan berhubung dengan mesyuarat tersebut yang dipengerusikan oleh TKSU, Kementerian. Menurut nota perbincangan, wakil Kementerian Kewangan memberi pandangan supaya kos untuk yuran pemprosesan dan yuran guaman tidak ditanggung oleh Kementerian tetapi oleh MGJV. Bagaimanapun, Kementerian tidak mengambil kira pandangan wakil Kementerian Kewangan dan telah memasukkan terma *associated cost and expenses* dalam Perjanjian Tambahan atas alasan isu bayaran tertangguh berbangkit hanya selepas dimuktamadkan perundingan harga kontrak antara Kerajaan dengan kontraktor. Kos sampingan adalah seperti ditunjukkan di jadual berikut:

JADUAL 26.5
KOS TERLIBAT DENGAN SKIM PEMBAYARAN TERTANGGUH

BUTIRAN	KOS (RM Juta)
Faedah Pinjaman BPMB (5.2% Setahun)	2,400.00
Yuran Memproses Skim Bayaran Tertangguh (0.15% Daripada Setiap Bayaran Interim)	10.05
Yuran Guaman	0.32
Perkhidmatan Nasihat Kewangan	1.06
JUMLAH	**2,411.43**

e. Kementerian perlu menyelesaikan pinjaman BPMB berjumlah RM9.095 bilion (pokok dan faedah) melalui 7 bayaran ansuran tahunan seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.6
TARIKH MATANG DAN JUMLAH BAYARAN ANSURAN
PINJAMAN BANK PEMBANGUNAN MALAYSIA BERHAD

TARIKH MATANG	JUMLAH (RM Bilion)
1 April 2013	1.220
2 April 2014	1.197
2 April 2015	1.303
2 April 2016	1.270
2 April 2017	1.332
2 April 2018	1.359
2 April 2019	1.414
JUMLAH	**9.095**

f. Selain daripada faedah pinjaman, BPMB juga mengenakan bayaran berjumlah RM11.11 juta sebagai yuran memproses SPT dan perkhidmatan nasihat kewangan. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut:

i. Bagi setiap bayaran kemajuan kepada MGJV, pihak bank telah mengenakan yuran memproses bayaran pada kadar 0.15% daripada nilai bayaran. Keseluruhan yuran memproses bayaran kemajuan yang telah dibayar kepada pihak bank berjumlah RM10.05 juta. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan justifikasi bayaran tersebut kerana semua urusan pengesahan dokumen bayaran kemajuan (penyata kemajuan bayaran, perakuan bayaran interim (Format JKR 66), sijil kemajuan kerja dan penyata bayaran balik wang pendahuluan) dibuat oleh KSET/KTMB/Kementerian dan bukannya oleh pihak bank.

ii. Sejumlah RM1.06 juta dibayar kepada CIMB Investment Bank Berhad dan Maybank Investment Bank Berhad kerana memberi khidmat nasihat kewangan berkaitan SPT kepada BPMB. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada bayaran ini memberi nilai pulangan terbaik (value for money) kerana Kementerian tidak mengeluarkan tawaran kepada bank-bank lain untuk memberi perkhidmatan nasihat kewangan.

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Semua syarat-syarat yang termaktub dalam SPT adalah persetujuan bersama antara Kementerian Kewangan, BPMB dan MGJV. Selain itu, pelantikan BPMB sebagai Lead Lender adalah atas persetujuan Kementerian Kewangan.

Pada pendapat Audit, bayaran untuk Projek Ipoh ke Padang Besar adalah teratur kerana memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam kontrak. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan justifikasi bayaran yuran berjumlah RM10.05 juta untuk memproses bayaran interim yang sebenarnya dibuat oleh KSET, KTMB dan Kementerian. Selain itu, pihak Audit juga tidak dapat menentukan sama ada bayaran perkhidmatan nasihat kewangan berjumlah RM1.06 juta adalah pada kadar yang kompetitif kerana Kementerian tidak mengeluarkan tawaran kepada bank-bank lain.

26.5.2. Pengurusan Projek

26.5.2.1. Pengambilan Tanah

a. Kelewatan Dalam Pengambilan Tanah

Mengikut Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bil. 1/2005, Kementerian dikehendaki memperuntukkan masa sekurang-kurangnya setahun dari tarikh permohonan dikemukakan kepada Pentadbir Tanah untuk urusan pengambilan tanah di dalam jadual pelaksanaan projek. Selain itu, klausa 12, Apendiks 1 kepada kontrak Projek Ipoh ke Padang Besar menetapkan tarikh pemilikan tapak adalah berdasarkan status tanah iaitu 3 bulan untuk tanah hak milik Kerajaan Persekutuan/Perbadanan Aset Keretapi tanpa halangan/bebanan hingga 12 bulan untuk tanah hak milik persendirian/Kerajaan Negeri dengan halangan/bebanan. Memandangkan tarikh pemilikan tapak Projek Ipoh ke Padang Besar adalah pada 8 Januari 2008, pengambilan semua tanah hak milik persendirian yang terlibat perlu diselesaikan pada 7 Januari 2009. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap proses pengambilan tanah projek mendapati perkara berikut:

i. Pelan asal pengambilan tanah seluas 562 hektar di 4 negeri telah dikemukakan oleh MGJV kepada KTMB di antara bulan Jun hingga Julai 2007. Pelan pengambilan tanah tersebut telah ditandatangani oleh Perbadanan Aset Keretapi pada bulan Disember 2007 dan Kementerian telah mengemukakannya kepada Ketua Pengarah Tanah Dan Galian pada 22 Januari 2008 untuk dimajukan permohonan pengambilan tanah kepada JKPTG negeri. Permohonan pengambilan tanah tersebut telah diterima oleh JKPTG negeri yang berkaitan pada 28 dan 29 Januari 2008.

ii. Pelan asal pengambilan tanah Fasa 1 yang dikemukakan kepada KTMB oleh MGJV adalah tidak lengkap kerana maklumat lot tanah yang tidak terkini. Oleh itu, pindaan terhadap pelan tersebut telah dibuat oleh MGJV dan diangkat semula kepada JKPTG untuk proses pewartaan. Daripada proses pengambilan 2,977 lot tanah persendirian, hanya 798 lot di daerah Kinta dan Kuala Kangsar, Perak dapat diselesaikan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh pemilikan tapak projek. Manakala, bakinya berjumlah 2,179 lot (73.2%) tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Kelewatan proses pengambilan tanah adalah di antara 82 hingga 1,227 hari seperti ditunjukkan di jadual berikut:

JADUAL 26.7
KELEWATAN DALAM PROSES PENGAMBILAN TANAH PERSENDIRIAN

NEGERI	JUMLAH LOT	TARIKH PELAN DIANGKAT KEPADA JKPTG	TARIKH SELESAI PENGAMBILAN TANAH	KELEWATAN (Hari)
		FASA 1		
Perlis	384	29.01.2008	13.04.2009 - 24.11.2009	95 - 320
Kedah	549	30.01.2008	11.04.2009 - 20.01.2011	93 - 742
Pulau Pinang	590	29.01.2008	31.03.2009 - 16.11.2010	82 - 677
	151	15.10.2008	11.04.2010 - 09.01.2011	458 - 731
	14	21.10.2009	06.09.2010 - 07.10.2010	606 - 637
Perak	199	28.01.2008	30.05.2009 - 29.07.2009	142 - 202
Jumlah	**1,887**			
		FASA 2		
Perlis	56	23.02.2010	20.10.2010 - 19.01.2011	651 - 742
Kedah	26	31.03.2010	05.12.2010 - 28.02.2011	697 - 782
Pulau Pinang	11	23.03.2010	09.12.2010 - 11.02.2011	701 - 765
Perak	38	28.12.2009	06.09.2010 - 14.01.2011	606 - 737
	10	29.12.2009	24.09.2010	625
	104	14.01.2010	24.08.2010 - 13.04.2011	593 - 826
Jumlah	**245**			
		FASA 3		
Kedah	19	10.11.2010	12.09.2011 - 07.11.2011	978 - 1,034
	8	14.12.2010	19.04.2012 - 29.05.2012	1,187 - 1,227
Pulau Pinang	10	05.05.2011	09.11.2011	1,036
Perak	10	11.11.2010	22.04.2011 - 19.07.2011	835 - 923
Jumlah	**47**			
JUMLAH KESELURUHAN	**2,179**			

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Kementerian Pengangkutan bersetuju bahawa pengambilan tanah persendirian sebanyak 2,179 lot telah mengambil masa melebihi 12 bulan dari tarikh penyerahan tapak projek. Bagaimanapun, kelewatan ini disebabkan Kerajaan

Negeri yang berubah di Perak, Pulau Pinang dan Kedah susulan daripada Pilihan Raya Umum pada Mac 2008, telah merumitkan proses pengambilan tanah dan tindakan penguatkuasaan terhadap setinggan di Tanah Kerajaan.

iii. Fasa 3 proses pengambilan tanah adalah bertujuan untuk talian penghantaran (132kV). Menurut surat TNB bertarikh 13 Julai 2009, keperluan pengambilan tanah bagi talian penghantaran (132kV) telah dimaklumkan seawal bulan Disember 2008 kepada Kementerian/KTMB. Bagaimanapun, didapati pelan pengambilan tanah Fasa 3 hanya dikemukakan oleh MGJV bagi tujuan urusan pewartaan di peringkat JKPTG negeri pada bulan Oktober 2010.

Mengikut maklum balas Kementerian, laluan talian penghantaran telah dipersetujui semasa mesyuarat dengan Presiden TNB pada 20 Mei 2010.

iv. Bagi menyelesaikan pengambilan tanah, JKPTG perlu mengambil tindakan untuk mendapatkan kelulusan EXCO/Menteri Besar (MB) sebelum proses pewartaan. Adalah didapati proses yang lambat untuk mendapatkan kelulusan EXCO/MB sehinggalah diwartakan telah mengakibatkan kelewatan pengambilan tanah persendirian dalam Fasa 1 dan 2. Semakan Audit selanjutnya mendapati tindakan JKPTG untuk mendapat kelulusan EXCO/MB telah mengambil masa antara 34 hingga 416 hari, manakala proses pewartaan selepas itu mengambil masa antara 14 hingga 84 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.8
TEMPOH UNTUK MENDAPATKAN KELULUSAN EXCO/MENTERI BESAR DAN PEWARTAAN PENGAMBILAN TANAH

NEGERI/DAERAH	TARIKH PELAN DIANGKAT KE JKPTG (a)	TARIKH KELULUSAN EXCO/MB (b)	BEZA (Hari) (b) - (a)	TARIKH WARTA JKPTG (c)	BEZA (Hari) (c) - (b)
		FASA 1			
PERAK	28.01.2008	08.05.2008	101	22.05.2008	14
KEDAH					
Kuala Muda	30.01.2008	19.11.2008	226	15.01.2009	58
Pendang	30.01.2008	06.08.2008	188	11.09.2008	36
Kota Setar	30.01.2008	06.08.2008	188	25.09.2008	50
Kubang Pasu	30.01.2008	06.08.2008	188	11.09.2008	36
PULAU PINANG					
Seberang Perai Utara	29.01.2008	24.07.2008	177	28.08.2008	35
Seberang Perai Tengah	29.01.2008	20.03.2009	416	23.04.2009	30
Seberang Perai Selatan	15.10.2008	14.10.2009	365	03.12.2009	50
Bukit Tengah Yad	21.10.2009	23.02.2010	125	01.04.2010	37
PERLIS	29.01.2008	30.04.2008	92	05.06.2008	36
		FASA 2			
PERAK					
Kinta	29.12.2009	17.02.2010	50	18.03.2010	29
Kuala Kangsar	14.01.2010	17.02.2010	34	18.03.2010	29
Larut Matang & Selama	14.01.2010	05.03.2010	50	18.03.2010	15
Kerian	28.12.2009	17.02.2010	51	18.03.2010	29
KEDAH					
Kuala Muda	31.03.2010	21.07.2010	112	19.08.2010	28
Pendang	31.03.2010	25.08.2010	146	14.10.2010	84
Kota Setar	31.03.2010	25.08.2010	146	14.10.2010	84
Kubang Pasu	31.03.2010	21.07.2010	112	19.08.2010	28

NEGERI/DAERAH	TARIKH PELAN DIANGKAT KE JKPTG (a)	TARIKH KELULUSAN EXCO/MB (b)	BEZA (Hari) (b) - (a)	TARIKH WARTA JKPTG (c)	BEZA (Hari) (c) - (b)
PULAU PINANG					
Seberang Perai Utara	23.03.2010	24.06.2010	93	08.07.2010	14
Seberang Perai Selatan	23.03.2010	24.06.2010	93	22.07.2010	28
PERLIS	23.02.2010	12.05.2010	79	27.05.2010	15

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Pelan pengambilan tanah adalah berdasarkan andaian dan apabila ianya dipraktikkan di tapak, dalam kes-kes tertentu, terdapat halangan yang menyebabkan pelan tersebut terpaksa dipinda.

Pada pendapat Audit, kelewatan dalam proses pengambilan tanah yang sepatutnya diberi penekanan terutama semasa fasa perancangan projek telah mengakibatkan projek terpaksa diberi lanjutan masa.

b. Tindakan Penguatkuasaan Mengosongkan Tanah

Notis pemberitahuan (Borang K) akan dikeluarkan oleh JKPTG negeri untuk memaklumkan bahawa pemilikan tanah telah diambil secara rasmi dan pemilik tanah perlu mengosongkan tanah tersebut dengan segera. Semakan Audit terhadap tindakan penguatkuasaan mengosongkan tanah mendapati perkara berikut:

i. Tindakan penguatkuasaan mengosongkan tanah setelah Borang K dikeluarkan adalah tindakan pihak Kerajaan Negeri dibantu oleh JKPTG dan MGJV.

ii. Tempoh yang diambil oleh pemilik tanah untuk mengosongkan tanah adalah antara 84 hingga 609 hari. Ini menyebabkan kelewatan MGJV untuk memasuki tapak yang seterusnya memberi kesan kepada kemajuan keseluruhan projek.

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Penguatkuasaan terhadap pemilik tanah memerlukan kerjasama Kerajaan Negeri dan JKPTG negeri hanya membantu dalam tindakan penguatkuasaan. Justeru itu, Kementerian melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan Mesyuarat Jawatankuasa Tanah, Setinggan dan Rumah Ibadat telah membincangkan penguatkuasaan ini, namun tidak dilaksanakan pada peringkat awal oleh Kerajaan Negeri yang telah menyebabkan kelewatan projek.

Pada pendapat Audit, tindakan penguatkuasaan yang kurang efektif telah mengakibatkan pemilik tanah tidak mengosongkan tanah dengan segera selepas Borang K dikeluarkan. Kelambatan mengosongkan tanah juga menjadi alasan kepada lanjutan masa projek.

c. Caj Bayaran Lewat Pengambilan Tanah

Mengikut seksyen 19, Akta Pengambilan Tanah 1960, Pihak Berkuasa Negeri boleh mengambil milik tanah dengan kadar segera apabila diperlukan dengan mengeluarkan Sijil Perakuan Segera (Borang I). Borang I adalah borang yang dikeluarkan oleh Pengarah Negeri (Pengarah Tanah dan Galian), yang mengarahkan Pentadbir Tanah mengambil segera tanah tersebut dengan cara menyerahkan Borang K pada atau selepas tamat tempoh 15 hari dari tarikh notis

Borang E ditampal. Mulai dari tarikh penyerahan Borang K tersebut sehingga bayaran pampasan dibuat, pentadbir tanah hendaklah mengira dan membayar caj 8% setahun mulai tarikh Borang I dikeluarkan sehingga tarikh pampasan pengambilan tanah dibayar kepada pemilik tanah berkaitan. Semakan Audit terhadap caj bayaran lewat pengambilan tanah mendapati perkara berikut:

i. Caj bayaran lewat berjumlah RM2.08 juta telah dikenakan untuk pengambilan tanah di Kedah dan Perak seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.9
CAJ BAYARAN LEWAT PENGAMBILAN TANAH
MELALUI SIJIL PERAKUAN SEGERA (BORANG I)

NEGERI	DAERAH	JUMLAH (RM Juta)
Kedah	Kuala Muda	0.70
Perak	Kinta	0.16
	Kuala Kangsar	0.27
	Larut Matang Dan Selama	0.67
	Kerian	0.28
JUMLAH		**2.08**

ii. Walaupun caj bayaran lewat telah dikenakan, masih berlaku kelewatan antara 17 hingga 943 hari untuk kontraktor memasuki tapak projek. Ini mengakibatkan pembaziran masa untuk memproses Borang I serta caj bayaran lewat berjumlah RM2.08 juta yang dibayar. Tempoh masa yang diambil oleh kontraktor memasuki tapak projek selepas Borang I dikeluarkan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.10
TARIKH SIJIL PERAKUAN SEGERA
BERBANDING TARIKH MASUK TAPAK PROJEK

NEGERI	KOMPONEN PROJEK	TARIKH		TEMPOH (Hari)
		BORANG I	MASUK TAPAK	
Perak	• *Land Viaduct* • *Road Over Bridge* 1,2,5,7 dan 11 • *Main Line and Earthwork and Drainage*	08.07.2008	25.07.2008 hingga 18.07.2011	17 hingga 943
Kedah	• *Main Line & Earthwork and Drainage* • *Road Over Bridge* 2 dan 3 • *Road Under Bridge* 2 Pinang Tunggal	08.06.2009	10.07.2009 hingga 20.05.2010	32 hingga 315

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Terdapat kes di mana pemilik tanah enggan membenarkan MGJV memasuki tapak kerana mereka menunggu bayaran pampasan walaupun Borang I telah dikeluarkan. Bagaimanapun, Kementerian akan membuat penyelarasan untuk menuntut bayaran daripada MGJV bagi kes-kes di mana Borang I dikeluarkan tetapi lewat dimasuki oleh MGJV.

Pada pendapat Audit, sungguhpun caj bayaran lewat tidak dapat dielakkan apabila Borang I telah dikeluarkan, namun Kementerian boleh mengurangkan bayaran caj ini dengan mempercepatkan proses bayaran pampasan.

26.5.2.2. Pemindahan Setinggan

a. Pembayaran *Ex-Gratia*

Kelulusan pembayaran *ex-gratia* kepada setinggan di negeri terlibat dalam Projek Ipoh ke Padang Besar adalah berdasarkan kepada rundingan antara Kerajaan Negeri dengan Kementerian serta kelulusan daripada keputusan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Peringkat Menteri Bil.1/2009 pada 2 Februari 2009 dan Bil. 2/2009 pada 22 Jun 2009. Semakan Audit terhadap pembayaran *ex-gratia* kepada setinggan mendapati:

i. Kadar *ex-gratia* kepada setinggan mengikut negeri adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.11
KADAR *EX-GRATIA* MENGIKUT NEGERI

NEGERI	*EX-GRATIA*
Perak	Perpindahan: RM1,000 Sewaan: RM300 X 24 Bulan Kos Infrastruktur Tapak rumah
Kedah Dan Perlis	Perpindahan: RM1,000 Sewaan: RM300 X 24 bulan 30% Ke Atas Nilaian Harga Rumah Oleh JPPH
Pulau Pinang	RM42,000 Setiap Setinggan

ii. KTMB dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pembayaran e*x-gratia* kepada setinggan dengan menggunakan peruntukan Kementerian. Untuk tujuan bayaran, KTMB telah menerima RM37.64 juta daripada Kementerian dan setakat 31 Julai 2011, sejumlah RM34.43 juta telah dibayar kepada setinggan atas kadar yang ditetapkan. Selain bayaran bantuan sewaan rumah bulanan dan bayaran *ex-gratia* kepada setinggan, KTMB juga menggunakan peruntukan yang diterima berjumlah RM2.33 juta untuk membuat bayaran-bayaran lain seperti ganti rugi rumah ibadat, pemindahan kubur dan pemindahan gerai. Berdasarkan maklum balas KTMB, bayaran-bayaran lain ini adalah berdasarkan arahan daripada Kementerian melalui keputusan mesyuarat Jawatankuasa Tanah, Setinggan Dan Rumah Ibadat. Ini bermakna baki berjumlah RM0.88 juta masih disimpan oleh KTMB. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.12
PERUNTUKAN DAN PEMBAYARAN *EX-GRATIA* SETAKAT 31 JULAI 2011

NEGERI	PERUNTUKAN DARIPADA KEMENTERIAN (RM Juta)	BAYARAN SETINGGAN		BAYARAN-BAYARAN LAIN (RM Juta)	BAKI MASIH DISIMPAN KTMB (RM Juta)
		BIL. SETINGGAN TERLIBAT	TELAH DIAGIHKAN OLEH KTMB (RM Juta)		
Perak	5.67	457	5.16	0.51	0
Kedah	11.70	312	9.89	1.81	0
Perlis	0.07	3	0.07	0	0
Pulau Pinang	20.20	461	19.31	0.01	0.88
JUMLAH	**37.64**	**1,233**	**34.43**	**2.33**	**0.88**

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Setakat 31 Mei 2012, baki dalam simpanan KTMB adalah berjumlah RM0.84 juta.

b. Kos Infrastruktur Tapak Rumah Baru Untuk Setinggan Di Negeri Perak

Sejumlah RM12.25 juta telah diperuntukkan oleh Kementerian kepada Kerajaan Negeri Perak bagi kos infrastruktur ke atas tapak rumah baru untuk setinggan. Peruntukan ini adalah berdasarkan surat daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bertarikh 29 Oktober 2009 yang menetapkan kos infrastruktur pada kadar RM17,346 setiap satu untuk 706 lot tanah. Kos infrastruktur telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 22 Jun 2009. Semakan Audit terhadap bayaran kos infrastruktur tapak rumah baru untuk setinggan mendapati perkara berikut:

i. Setakat bulan Ogos 2011, sejumlah RM9.18 juta (74.9%) daripada peruntukan telah dibayar kepada Kerajaan Negeri Perak.

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Peruntukan hanya diagihkan kepada Kerajaan Negeri setelah Laporan Kemajuan Infrastruktur dan Laporan Kemajuan Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) dikemukakan kepada Kementerian. Laporan Kemajuan Infrastruktur telah diterima daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak pada 23 Disember 2011, manakala sehingga 19 Mac 2012, UPEN Perak masih belum mengemukakan Laporan Kemajuan RPT kepada Kementerian. Oleh itu, baki peruntukan berjumlah RM3.07 juta masih belum dibayar oleh Kementerian kepada Kerajaan Negeri Perak.

ii. Bagaimanapun berdasarkan rekod KTMB, hanya seramai 457 setinggan terlibat dalam Projek Ipoh ke Padang Besar. Perbezaan sebanyak 249 setinggan antara rekod KTMB dengan rekod Pejabat Tanah Daerah Negeri Perak menyebabkan lebihan bayaran berjumlah RM4.32 juta (RM17,346 x 249) kepada Kerajaan Negeri Perak. Perbezaan antara rekod Pejabat Tanah Daerah Negeri Perak dan rekod KTMB adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.13
SETINGGAN YANG MENERIMA INFRASTRUKTUR TAPAK RUMAH

DAERAH	BIL. SETINGGAN		PERBEZAAN
	REKOD PEJABAT TANAH (a)	REKOD KTMB (b)	(a) - (b)
Kinta	0	16	(16)
Sg. Siput	43	43	0
Kuala Kangsar	91	20	71
Larut Matang dan Selama	537	348	189
Kerian	35	30	5
JUMLAH	**706**	**457**	**249**

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Perbezaan bilangan setinggan adalah kerana Kerajaan Negeri Perak mengambil kira setinggan yang tidak terlibat dengan projek berdasarkan polisi Kerajaan Negeri untuk mengurangkan setinggan di Perak.

c. Bayaran Bantuan Sewa Rumah

Setinggan juga akan dibayar kos bantuan sewa rumah pada kadar RM300 sebulan untuk tempoh 2 tahun iaitu sehingga RPT disiapkan oleh Kerajaan Negeri Perak. Semakan Audit terhadap bayaran sewaan mendapati pada 15 Mac 2010, Timbalan

Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Perak telah memohon perlanjutan bantuan sewa rumah untuk 307 setinggan disebabkan kerja penambakan tanah yang termasuk dalam skop kerja infrastruktur bagi penempatan semula setinggan masih belum disiapkan. Permohonan ini telah diluluskan oleh Kementerian pada 16 Jun 2010. Setinggan terlibat telah diberikan lanjutan bantuan sewa rumah antara satu hingga 12 bulan dan kos terlibat adalah berjumlah RM1.10 juta. Bagaimanapun, didapati kerja penambakan tanah masih belum disiapkan sehingga bulan Oktober 2011. Butiran kos akibat lanjutan bantuan sewa rumah adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.14
BUTIRAN KOS LANJUTAN BANTUAN SEWA RUMAH

DAERAH	TARIKH TAMAT BANTUAN SEWA	BIL. SETINGGAN	TEMPOH LANJUTAN BANTUAN SEWA (Bulan)	KOS (RM)
Kerian	Jun 2010	304	12	1,094,400
Larut Matang dan Selama				
Sg. Siput dan Kuala Kangsar				
Kinta				
Larut Matang dan Selama	Disember 2010	1	6	1,800
	Mac 2011	1	3	900
	Mei 2011	1	1	300
JUMLAH		**307**	**22**	**1,097,400**

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Kerajaan Negeri Perak sentiasa diingatkan berhubung kerja-kerja infrastruktur RPT dalam mesyuarat di peringkat Kementerian. Bagaimanapun, tiada lagi pertambahan bantuan sewa rumah akan dipertimbangkan oleh Kementerian.

Pada pendapat Audit, peruntukan Projek Ipoh ke Padang Besar tidak seharusnya digunakan oleh Kementerian untuk membantu Kerajaan Negeri Perak dalam usahanya mengurangkan setinggan di Perak. Selain itu, kelewatan menyiapkan RPT oleh Kerajaan Negeri Perak boleh menimbulkan tanggapan negatif orang awam terhadap projek.

26.5.2.3. Pematuhan Terhadap Undang-undang Alam Sekitar

Mengikut Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, Projek Ipoh ke Padang Besar perlu mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar (JAS). Pada tahun 2002, Kementerian telah melantik perunding MAB Environmental Consultants Sdn. Bhd. (MABEC) untuk membuat penilaian terperinci terhadap alam sekitar. Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar telah dikemukakan oleh MABEC kepada JAS pada 20 Julai 2002 dan laporan tersebut diluluskan pada 27 November 2002. Kementerian telah memperbaharui tempoh sah Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar pada 30 Mac 2007. Pihak Audit mendapati *Environment Management Plan* (EMP) yang disediakan oleh MGJV adalah berasaskan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar. EMP ini menjadi asas kepada MGJV untuk menguruskan alam sekitar semasa menjalankan projek dan ianya telah mendapat kelulusan JAS pada 18 Disember 2007. Bagi aspek pemantauan di bawah EMP, pihak MGJV dikehendaki menyediakan dan mengemukakan Laporan Pemantauan Alam Sekitar kepada JAS setiap 3 bulan dan didapati MGJV telah mematuhi peraturan ini. Selain itu, semua aduan berkaitan alam sekitar telah diambil tindakan sewajarnya oleh MGJV.

Pihak Audit berpendapat MGJV telah mengambil tindakan sewajarnya berkaitan dengan alam sekitar.

26.5.2.4. Pelantikan Kontraktor

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, agensi dikehendaki memastikan semua urusan berkaitan perolehan Kerajaan dibuat berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan Kerajaan seperti akauntabiliti awam; diuruskan secara telus; memberi nilai faedah yang terbaik; saingan terbuka serta adil dan saksama. Semakan Audit terhadap pelantikan kontraktor Projek Ipoh ke Padang Besar mendapati perkara berikut:

a. Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 18 Julai 2001 memutuskan supaya Projek Ipoh-Padang Besar ditawarkan kepada Mitsui & Co. Ltd. (Mitsui). Tawaran ini berdasarkan kesinambungan kerja yang ditawarkan kepada mereka bagi projek elektrifikasi landasan berkembar Rawang-Ipoh. Pada 14 Ogos 2001, surat niat telah dikeluarkan oleh Kementerian kepada Mitsui sebagai kontraktor utama bagi kerja sistem dan pembekalan *materials.* Seterusnya pada bulan Ogos 2001, surat niat telah dikeluarkan kepada IRCON International Limited (IRCON) sebagai kontraktor utama bagi 70% kerja infrastruktur. Manakala baki 30% bagi kerja infrastruktur ditawarkan kepada konsortium tempatan iaitu DRB-HICOM/Emrail. Seterusnya pada bulan Oktober 2002, IRCON, Mitsui dan DRB-HICOM/Emrail telah mengemukakan Cadangan Teknikal dan Kewangan masing-masing. Kos projek yang ditawarkan oleh 3 kontraktor berkenaan adalah berjumlah RM11.498 bilion.

b. Pada 24 September 2003, MGJV turut mengemukakan Cadangan Teknikal dan Kewangan dengan tawaran kos projek berjumlah RM8.585 bilion.

c. Memandangkan MGJV menawarkan kos projek yang lebih murah, YAB Perdana Menteri pada 24 Julai 2003 bersetuju supaya UPE memulakan rundingan dengan MGJV mengenai Projek Ipoh ke Padang Besar. Perbandingan kos yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat berkenaan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.15
PERBANDINGAN KOS PROJEK YANG DITAWARKAN

PAKEJ	KOS TAWARAN KONTRAKTOR (RM Juta)				
	IRCON	DRB-HICOM/ Emrail	MITSUI	JUMLAH	MGJV
Infrastruktur					
70%	5,647	-	-	5,647	4,007
30%	-	2,448	-	2,448	2,218
Sistem	-	-	3,403	3,403	2,360
JUMLAH				**11,498**	**8,585**

Sumber: KTMB

d. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan oleh Kementerian kepada MGJV pada 21 Oktober 2003 di mana Kerajaan bersetuju menerima tawaran harga *lump sum* berjumlah RM14.45 bilion bagi melaksanakan Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Ipoh ke Padang Besar dan Seremban ke Johor dalam tempoh 4 tahun serta tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

e. Bagaimanapun, mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan pada 17 Disember 2003 telah memutuskan untuk menangguhkan projek ini selaras dengan dasar Kerajaan untuk melaksanakan projek mengikut keutamaan.

f. Pada 26 Mei 2006, Kementerian Kewangan memaklumkan SST di antara Kerajaan dengan MGJV ditamatkan dan tindakan segera untuk penamatan secara rasmi perlu diambil oleh Kementerian. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada surat penamatan secara rasmi telah dikeluarkan oleh Kementerian kerana dokumen berkaitan tidak dikemukakan semasa pengauditan dijalankan.

g. Pada 12 Jun 2006, UPE telah mengemukakan pandangan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa sekiranya Kerajaan berhasrat untuk meneruskan pelaksanaan Projek Landasan Berkembar, projek ini sewajarnya dilaksanakan secara pembidaan kompetitif. Ini bagi membolehkan pihak yang benar-benar mampu dan berkeupayaan melaksanakan projek diberi peluang mengemukakan cadangan mereka dan membolehkan Kerajaan menilai dan memilih cadangan terbaik.

h. YB Menteri Kewangan II telah memaklumkan pada 11 Julai 2006 bahawa YAB Perdana Menteri bersetuju supaya Projek Ipoh ke Padang Besar diteruskan semula dan dilaksanakan oleh MGJV. Dengan keputusan itu, MGJV telah mengemukakan cadangan untuk melaksanakan projek melalui mekanisme PFI pada 21 September 2006. Opsyen PFI yang dicadangkan adalah RM37 bilion (elektrifikasi sepenuhnya); RM32 bilion (tiada elektrifikasi); atau RM35 bilion (elektrifikasi dari Ipoh-Butterworth sahaja).

i. Pada 29 Oktober hingga 9 November 2007, wakil Kementerian dan wakil UPE telah menghadiri kursus *Capacity Building on PFI* di London untuk mendapatkan maklumat mengenai kesesuaian modul PFI dilaksanakan bagi Projek Ipoh ke Padang Besar. Berdasarkan kursus yang dihadiri, wakil Kementerian dan UPE melaporkan bahawa projek yang melibatkan kos penggantian yang terlalu tinggi seperti projek kereta api tidak sesuai dilaksanakan melalui mekanisme PFI.

j. Seterusnya pada 14 November 2007, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya pelaksanaan Projek Ipoh ke Padang Besar dibiayai sepenuhnya melalui peruntukan pembangunan dengan kos tidak melebihi RM12.485 bilion. Pada 13 Disember 2007, Kementerian telah mengemukakan semula SST kepada MGJV dan tawaran diterima oleh MGJV pada 18 Disember 2007.

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Surat niat kepada IRCON dan Mitsui tidak diteruskan atas alasan kos yang ditawarkan oleh 2 syarikat tersebut tidak kompetitif berbanding MGJV.

Pada pendapat Audit, pelantikan kontraktor yang dibuat tanpa melalui pembidaan kompetitif mengakibatkan Kerajaan mempunyai pilihan yang terhad dalam membuat perbandingan, penilaian dan pemilihan kontraktor yang berkelayakan.

26.5.2.5. Perjanjian Kontrak

a. Kontrak Lewat Ditandatangani

Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, kontrak perlu ditandatangani selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh SST dikeluarkan kepada kontraktor. Semakan Audit mendapati kontrak untuk Projek Ipoh ke Padang Besar ditandatangani pada 25 Julai 2008 berbanding SST dikeluarkan pada 13 Disember 2007 iaitu lewat ditandatangani selama 103 hari.

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Kelewatan ini disebabkan proses rundingan di antara Kerajaan dengan MGJV dan perubahan format kontrak daripada format kontrak Design and Build 2003 (JKR) kepada format kontrak edisi 2007 hanya dimaklumkan oleh Penasihat Undang-undang Kementerian pada bulan April 2008. Selain itu, terdapat dokumen-dokumen seperti Government's Requirements, Technical Requirements & Specifications untuk kerja-kerja sistem dan contractor's proposal dalam bentuk lukisan yang perlu disemak, dikaji dan diperhalusi oleh Kementerian dan MGJV.

Pada pendapat Audit, kelewatan menandatangani kontrak berkenaan menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terjamin sekiranya berlaku pertikaian antara kontraktor dan Kerajaan.

b. Tanggungan Liabiliti Kontraktor

Pada tahun 2000, Projek Landasan Berkembar Elektrik antara Rawang dan Ipoh telah dilaksanakan oleh Kementerian. Pengauditan yang dijalankan pada akhir tahun 2008 mendapati anggaran kerugian yang dialami Kerajaan adalah berjumlah RM1.140 bilion apabila kontraktor asal gagal menyiapkan projek. Bagaimanapun, keseluruhan jumlah ini tidak dapat dituntut daripada kontraktor kerana menurut syarat kontrak, liabiliti maksimum yang boleh dituntut daripadanya adalah terhad kepada 10% daripada nilai kontrak iaitu RM257.99 juta sahaja. Semakan Audit mendapati had tanggungan liabiliti kontraktor kepada Kerajaan untuk Projek Ipoh ke Padang Besar juga dihadkan kepada 10% daripada nilai kontrak iaitu RM1.250 bilion.

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Keputusan penetapan had tanggungan liabiliti kontraktor ini adalah menggunakan pendekatan projek Rawang-Ipoh dan perkara ini telah diputuskan oleh Pengurusan Kementerian melalui memo Bahagian Kewangan bertarikh 27 Jun 2008. Bagaimanapun, Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan, JKR memaklumkan bahawa pihak JKR tidak pernah menetapkan had maksimum tanggungan liabiliti kontraktor dalam mana-mana kontrak yang dilaksanakannya. Ini adalah berdasarkan klausa 45.2 dalam standard kontrak JKR iaitu PWD DB (Rev.2007).

Pada pendapat Audit, penetapan had maksimum tanggungan liabiliti tidak menjaga kepentingan Kerajaan kerana Kerajaan terpaksa menanggung kerugian sekiranya kontraktor gagal menyiapkan projek mengikut tempoh yang ditetapkan.

26.5.3. Kualiti Pembinaan

26.5.3.1. *Approved Technical Specification* Dan *Permanent Way Manual*

Untuk memastikan tugas pemantauan kerja kontrak adalah berpandukan kepada keperluan kontrak dan piawaian kebangsaan/antarabangsa, KSET selaku PMC perlu mempunyai *Approved Technical Specification* (ATS) dan *Permanent Way Manual* (PWM) yang disediakan oleh MGJV. ATS untuk projek bagi bangunan dan infrastruktur ialah penerangan terperinci keperluan teknikal yang diluluskan dari segi kesesuaian untuk membentuk asas bagi proses reka bentuk, pembangunan dan pengeluaran serta

mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam operasi yang sebenar. Manakala PWM ialah penerangan terperinci keperluan teknikal bagi kerja spesifikasi pembinaan dan penyenggaraan *track*. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. ATS yang mengandungi 4 *volume* telah diserahkan secara rasmi kepada KSET oleh MGJV pada 6 Julai 2011. Bagaimanapun, *sub-section Volume 1* bagi *trackworks* dan *fencing* masih belum dimuktamadkan.

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

KTMB memaklumkan spesifikasi fencing telah dimuktamadkan pada 4 April 2012 dan pada 7 Mac 2012 consolidated specification untuk track work telah dikemukakan oleh MGJV. Setakat bulan Mei 2012, spesifikasi untuk track maintenance dan safety tolerances masih belum dimuktamadkan di mana trial run di tapak sedang dilaksanakan dan dijangka dimuktamadkan pada bulan Ogos 2012.

b. PWM masih belum dimuktamadkan dan tiada dalam simpanan pihak KTMB.

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

KTMB bersetuju dengan pihak Audit bahawa dokumen-dokumen tersebut perlu dimuktamadkan dengan kadar segera. Sehubungan itu, Kementerian memaklumkan bahawa KTMB melalui surat kepada MGJV bertarikh 23 Disember 2011 telah sekali lagi mengingatkan MGJV untuk memuktamadkan semua spesifikasi termasuk PWM. Perbincangan telah dan sedang diadakan untuk memperhalusi dokumen berkenaan yang berdasarkan kepada spesifikasi kontrak dan piawaian kebangsaan/antarabangsa dan MGJV telah memuktamadkan spesifikasi tersebut pada 7 Mac 2012. Bagaimanapun, MGJV hanya akan memulakan penyediaan PWM pada 15 September 2012.

Pada pendapat Audit, PWM sepatutnya dimuktamadkan dengan kadar segera kerana ianya diperlukan untuk tugas pemantauan kerja dan tanpa dokumen berkenaan, pihak PMC akan menghadapi masalah untuk memastikan kerja pembinaan adalah memenuhi piawaian antarabangsa.

26.5.3.2. Pembinaan Yang Tidak Mengikut Spesifikasi/Tidak Berkualiti

Kerja pembinaan perlu berkualiti selaras dengan objektif Kementerian untuk meningkatkan keupayaan laluan landasan dan meningkatkan daya saing serta kemajuan perkhidmatan kereta api di Malaysia. Oleh itu, KSET selaku PMC perlu memastikan setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas pada tahap piawaian yang boleh diterima. Bagaimanapun, lawatan Audit ke tapak projek mendapati beberapa komponen projek yang dilaksanakan adalah tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti seperti berikut:

a. Terowong Di Bukit Larut

i. Keretakan Pada Permukaan Dinding Terowong

Semakan dokumen *Non-Conformance Report* (NCR) dan lawatan ke tapak projek pada 10 Jun 2011 mendapati berlaku keretakan pada dinding terowong di Bukit Larut. Adalah didapati MGJV telah mengemukakan cadangan dan kaedah pembaikan dengan menggunakan bahan *BASF Concresive 1438 Part A and B*

dan *BASF Concresive 1333 Part A and B*. Kaedah pembaikan tersebut telah dipersetujui oleh Geodata SpA yang dilantik oleh MGJV sebagai perunding bagi kerja pembinaan terowong. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada KSET telah memberi pandangan teknikal dan kesesuaian kaedah pembaikan yang dipersetujui. Keretakan yang berlaku pada permukaan dinding terowong adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 26.1



GAMBAR 26.2



Terowong Di Bukit Larut
- Keretakan Pada Permukaan Dinding Terowong
(10.06.2011)

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Siasatan dan kajian menyeluruh telah dijalankan dan mendapati keretakan adalah non-structural yang disebabkan oleh mendapan akibat daripada aktiviti pemadatan semasa kerja tambunan tanah. Pemantauan melalui crack monitoring dan settlement markers telah dibuat dan kerja-kerja pembaikan dilaksanakan selepas mendapati keretakan stabil dan pemantauan secara berterusan dilaksanakan. Bahan yang digunakan adalah bahan yang lazimnya digunakan untuk kerja-kerja pembaikan.

Pada pendapat Audit, MGJV perlu mengemukakan rekod siasatan dan kajian menyeluruh berkaitan masalah keretakan pada permukaan dinding terowong untuk makluman Audit serta memberi jaminan bertulis bahawa isu keretakan tidak berulang.

ii. Kesan Resapan Air Di Dinding Terowong

Lawatan Audit pada 10 Jun 2011 mendapati kesan resapan air di beberapa lokasi di sepanjang terowong di Bukit Larut dan kerja pembaikan sedang dilakukan. Di samping itu, terdapat aliran air ke dalam terowong menyebabkan kerja tambahan untuk *subsoil drainage* di bahagian kiri dan kanan dalam terowong.

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Kerja-kerja pembaikan telah selesai pada 3 Januari 2012 dengan menyalurkan resapan air ke paip PVC dalam saluran kabel. Dinding kemudian ditutup dengan membran kalis air dan simen pembaikan (repair grout) dan pemantauan secara berterusan masih dilakukan.

Kesan resapan air dan kerja pembaikan adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 26.3

Terowong Di Bukit Larut
- Kerja Pembaikan Pada Dinding Terowong
(10.06.2011)

GAMBAR 26.4



GAMBAR 26.5



Terowong Di Bukit Larut
- Resapan Air Disalurkan Ke Paip PVC Dalam Saluran Kabel
Sebelum Ditutup Dengan Membran Kalis Air Dan Simen Pembaikan
(03.01.2012)

Pada pendapat Audit, kaedah penyelesaian yang dinyatakan bukanlah penyelesaian jangka panjang kerana resapan air di dinding terowong akan berulang dan hanya disalurkan melalui paip PVC dalam saluran kabel. Sehubungan itu, masalah resapan air seharusnya diberi penekanan serius kerana ia berlaku semasa projek masih dalam peringkat pembinaan.

b. Kuarters KTMB/Hentian/Depoh

Lawatan Audit ke kuarters KTMB, hentian dan depoh mendapati kerja binaan tidak berkualiti dan tidak kemas di beberapa lokasi seperti ditunjukkan di gambar berikut:

GAMBAR 26.6



Kuarters KTMB Di Taiping
- Paku Dan Baki Kayu Daripada Formwork Tidak Dibuang
(11.06.2011)

GAMBAR 26.7



Kuarters KTMB Di Taiping
- Kedudukan Tiang Yang Tidak Selari Dengan Rasuk Dan Ground Beam
(11.06.2011)

GAMBAR 26.8




Kuarters KTMB Di Padang Besar
- Saluran Air Buangan Dari Tingkat Atas Berada Di Ruang Tengah Dapur Di Tingkat Bawah
(25.07.2011)

GAMBAR 26.9




Hentian Di Alor Setar
- Keretakan Lantai (Bawah Bangunan) Disebabkan Kerja Konkrit Tidak Dijalankan Dengan Sempurna
(23.07.2011)

GAMBAR 26.10




Hentian Di Alor Setar
- Kesan Resapan Air Di Permukaan Bawah Lantai
(23.07.2011)

GAMBAR 26.11



Depoh Di Padang Besar
- Kerja Hacking Untuk Electrical Conduit Pada Dinding Single Brickwall Yang Bersebelahan Dengan Stiffener Boleh Menjejaskan Kekukuhan Dinding Bata
(25.07.2011)



GAMBAR 26.12

Depoh Di Padang Besar
- Penutup Lurang Tidak Boleh Dibuka Dan Akan Menyukarkan Kerja Penyenggaraan
(25.07.2011)

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012


Kementerian mengambil berat berhubung isu-isu kualiti yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Pemantauan dijalankan menerusi pemeriksaan tapak oleh MGJV berserta jurutera perunding MGJV dan mesyuarat bulanan QA/QC. KSET telah mengeluarkan Non-conformance Report (NCR) untuk kerja-kerja yang tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan. Sehingga 15 Februari 2012, sebanyak 243 NCR telah dikeluarkan di mana 218 telah diselesaikan dan 25 tertunggak dan pemantauan berhubung isu-isu kualiti kerja akan berterusan di sepanjang tempoh pembinaan. MGJV turut memberi jaminan terhadap pembaikan ini dan akan memastikan kualiti kerja dipertingkatkan.

Pada pendapat Audit, MGJV perlu memastikan kerja pembinaan mematuhi spesifikasi, lukisan dan kehendak Kerajaan seperti yang ditetapkan di dalam dokumen kontrak. Pemantauan yang rapi mesti dijalankan terhadap kerja yang dilaksanakan bagi menjamin kualiti projek setelah projek siap kelak.

c. *Marine Viaduct*

i. Pembinaan infrastruktur *marine viaduct* sepanjang 3.45 km merentasi Tasik Bukit Merah telah disiapkan pada 18 Mac 2011. Manakala kerja pemasangan landasan sedang dalam pembinaan. Pihak Audit mendapati sekiranya Projek Ipoh ke Padang Besar ini siap kelak, landasan berkembar elektrik di *marine viaduct* ini akan menggantikan landasan kereta api sedia ada (single track). Keadaan landasan *single track* dan *marine viaduct* adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 26.13



Marine Viaduct Di Bukit Merah
- Landasan Kereta Api Yang Sedia Ada
(21.09.2011)

GAMBAR 26.14



Marine Viaduct Di Bukit Merah
- Landasan Kereta Api Di Marine Viaduct
(Sumber: MMC Gamuda Joint Venture Sdn. Bhd.)

ii. Lawatan Audit ke tapak projek pada 21 September 2011 dan perbincangan dengan pihak MGJV, KSET dan KTMB mendapati keputusan mengenai tindakan yang akan diambil terhadap landasan *single track* ini masih belum dibuat. Bagaimanapun, semasa mesyuarat yang diadakan pada 22 Februari 2012 antara Audit dengan Jabatan/Agensi Kerajaan yang terlibat, wakil JPS Perak memaklumkan bahawa landasan *single track* telah menyebabkan berlaku sekatan pada laluan air, kualiti air terjejas dan kitaran air tidak sempurna. Seterusnya beliau menjelaskan bahawa JPS sedang menjalankan analisis melalui perunding JPS untuk mengambil tindakan terhadap landasan ini. Sehubungan itu, wakil JPS Perak memaklumkan bahawa sebahagian daripada landasan *single track* akan dirobohkan supaya dapat menambah kapasiti air tasik untuk pengairan sawah-sawah padi di Daerah Kerian.

iii. Perobohan landasan *single track* dinyatakan sebagai *optional item* dalam kontrak dan tidak termasuk di dalam skop kerja MGJV. Jika skop kerja ini dilaksanakan, kosnya adalah tinggi (lebih kurang RM10 juta) kerana ianya melibatkan pembuangan tanah yang sangat lembut dan sukar dikendalikan. Selain itu, terdapat risiko pencemaran air yang akan mengakibatkan kematian ikan arowana yang dipelihara untuk tujuan komersial dengan menggunakan sumber air dari tasik ini. Alternatif yang lebih kos efektif serta tidak melibatkan pencemaran air ialah dengan menaikkan aras empangan setelah landasan *single track* tidak digunakan lagi. Kerja-kerja menaikkan aras empangan ini perlu diterajui oleh JPS.

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Landasan sedia ada akan dipagari untuk mengelakkan pencerobohan apabila projek siap kelak.

Pada pendapat Audit, keputusan mengenai landasan *single track* perlu dibuat dengan segera. Semua aspek perlu diambil kira iaitu keselamatan, pencemaran ekologi dan persekitaran, seterusnya impak kepada orang awam yang berada berhampiran kawasan tersebut. Analisis melalui perunding JPS juga perlu diberi perhatian dalam menyelesaikan perkara ini.

d. *Land Viaduct*

Setakat bulan April 2012, kerja pembinaan *land viaduct* sepanjang 29 km telah 100% siap bagi 21 km dari Padang Rengas ke Parit Buntar, Perak manakala dari Parit Buntar, Perak ke Sungai Petani, Kedah sepanjang 8 km berikutnya adalah 99% siap. Pembinaan struktur *land viaduct* adalah terletak bersebelahan dengan landasan *single track* sedia ada yang telah dibina tanpa struktur jambatan atau *viaduct*. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada kajian teknikal telah dibuat terlebih dahulu oleh KSET bagi menentukan justifikasi pemilihan kaedah pembinaan struktur *land viaduct* dan memastikan kaedah pembinaan adalah yang terbaik, bersesuaian dan menjimatkan kos. *Land viaduct* yang dimaksudkan adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 26.15

Land Viaduct Di Bukit Merah - Pemasangan Rel Untuk Land Viaduct Sedang Dilaksanakan (21.09.2011)

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Kajian tersebut tidak dijalankan oleh KSET kerana reka bentuk, kedudukan serta panjang land viaduct telah ditentukan semasa peringkat perundingan di antara MGJV dan Kerajaan di peringkat awal projek. Pembinaan land viaduct adalah merupakan kaedah yang terbaik dari segi teknikal, tempoh pembinaan, keadaan tanah, penggunaan tanah yang kebanyakannya sawah padi, pengairan dan perparitan. Cadangan land viaduct ini juga bertujuan supaya kaedah rawatan tanah dipelbagaikan untuk mengelakkan kekangan satu-satu bahan dan seterusnya mendapatkan kos yang lebih kompetitif.


Pada pendapat Audit, kajian menyeluruh dan terperinci sepatutnya dilakukan sebelum pembinaan bagi memastikan kaedah pembinaan adalah yang terbaik, bersesuaian dan menjimatkan kos.

e. *Sleepers Spalling Defect*

i. Dalam pembinaan landasan kereta api, rel yang dipasang perlu diikat kepada bantalan konkrit (concrete sleeper) dengan penambat rel (fastening clip). Semasa lawatan Audit ke tapak *land viaduct* di Bukit Merah, Perak (jajaran utama) pada 21 September 2011, didapati berlaku *sleepers spalling defect* kepada *concrete sleepers* (bantalan konkrit terkopak) yang telah dipasang pada rel di landasan kereta api. KSET telah mengeluarkan 2 NCR dan kedua-duanya bertarikh 29 Jun 2011. Berdasarkan temu bual dengan pegawai KTMB, masalah ini berlaku disebabkan oleh kesilapan semasa pemasangan *fastening clip* pada *sleepers* menggunakan *amplicator* (alat memasang *fastening clip*).

ii. Berdasarkan perbincangan dan semakan terhadap dokumen, setakat 10 September 2011, jumlah *sleepers spalling defect* adalah sebanyak 2,640 unit iaitu 2.8% daripada 94,092 unit. Pemeriksaan lanjut telah dibuat oleh MGJV dan mereka mengesahkan kenyataan pegawai KTMB bahawa *sleepers defect* ini disebabkan oleh cara pemasangan *fastening clip* pada *concrete sleepers*.

Seterusnya MGJV memaklumkan tindakan akan diambil untuk menghantar sampel *sleepers spalling defect* tersebut ke makmal Universiti Teknologi Mara (UiTM) atau ke Singapura bagi memastikan jenis *sleepers defect* yang berlaku sama ada melibatkan struktur atau sebaliknya. Contoh *concrete sleepers spalling defect* adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 26.16

Land Viaduct Di Bukit Merah - Sleepers Spalling Defect (21.09.2011)

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Perkara yang dibangkitkan ini adalah serius dan ujian terhadap sleepers spalling telah dijalankan untuk memastikan jenis defect. Sebanyak 7 ujian telah dijalankan bermula dari 10 hingga 31 Oktober 2011 di United Kingdom dan 15 November 2011 hingga 11 Januari 2012 di UiTM. Ujian seterusnya telah dibuat di UiTM pada 14, 15, 22 dan 23 Mac 2012. Laporan telah dikemukakan oleh MGJV melalui surat bertarikh 13 April 2012. Keputusan ujian adalah memuaskan mengikut spesifikasi yang digariskan di dalam Piawaian Australian Standard 1085.14-2003 di mana hanya surface cracking yang berlaku dan tidak melibatkan struktur. Method statement untuk kerja-kerja pembaikan yang dijangkakan akan bermula pada pertengahan bulan Jun 2012.

Pada pendapat Audit, KSET perlu sentiasa memantau kerja pemasangan *concrete sleeper* dengan *fastening clip* bagi memastikan kelancaran operasi kereta api dan menjamin keselamatan pengguna apabila projek ini siap kelak.

f. *Pedestrian/Motorcycle Bridge*

i. Adalah didapati rasuk bagi tujuan pembinaan sebuah *Pedestrian/Motorcycle Bridge* (PMB) di Daerah Padang Rengas telah runtuh pada 25 Mac 2011. PMB ini terdiri daripada 2 batang rasuk yang dipasang di antara tiang telah runtuh dan menimpa landasan kereta api. Pada 4 April 2011, Arahan Pemberhentian Kerja serta merta telah dikeluarkan oleh KTMB dan ianya melibatkan semua kerja-kerja pemasangan/pelancaran rasuk yang merentasi landasan bagi *Road Over Bridge, Road Under Bridge* dan PMB. Bagaimanapun, Arahan Pemberhentian Kerja ini telah dibatalkan pada 4 Mei 2011 selepas laporan punca rasuk yang runtuh dikenal pasti oleh MGJV yang menyatakan "*the direct causes of the beams collapsed were due to inadequate bracing of the beams and protruding rebars jamming into each other which created a situation whereby potential energy could be stored within them during launching and subsequent release of this energy could cause the beams to topple*".

ii. Setakat bulan April 2012, kerja-kerja pembaikan telah disiapkan dan PMB telah dibuka untuk kegunaan orang awam. Keadaan sebelum dan semasa rasuk utama PMB runtuh adalah seperti ditunjukkan di gambar berikut:

GAMBAR 26.17



PMB 3 Di Daerah Padang Rengas
- Sebelum Rasuk Utama Yang Dipasang Runtuh
(25.03.2011)
(Sumber: Konsortium Kinta Samudra-Emenea-Techart)

GAMBAR 26.18



PMB 3 Di Daerah Padang Rengas
- Semasa Rasuk Utama Runtuh
(25.03.2011)
(Sumber: Konsortium Kinta Samudra-Emenea-Techart)

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Rasuk yang runtuh semasa pelancaran adalah disebabkan oleh kesilapan manusia. Pemantauan dan perancangan bagi kerja-kerja ini dilaksanakan berdasarkan lukisan dan method statement yang diluluskan. Rasuk baru telah dibina semula dan dipasang pada 28 Disember 2011 dan MGJV telah diberikan amaran untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang.

Pada pendapat Audit, KSET sebagai PMC perlu memastikan kontraktor melaksanakan kerja pembinaan dengan sempurna supaya perkara yang sama tidak akan berulang.

26.5.4. Masalah Banjir

26.5.4.1. Banjir Di Kedah Dan Perlis

Banjir besar yang berlaku pada bulan Oktober dan November 2010 di Perlis dan Kedah telah dikaitkan dengan Projek Ipoh ke Padang Besar kerana banjir berlaku semasa projek ini sedang dalam pembinaan. Mengikut JPS Alor Setar, Kedah, banjir yang melanda pada tahun 2010 adalah yang terburuk berbanding banjir pada tahun 2005. Ini juga dipersetujui oleh Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia melalui cabutan berita di Berita Harian bertarikh 6 November 2011. Semakan Audit terhadap masalah banjir yang berlaku di Kedah dan Perlis mendapati perkara berikut:

a. Pada 30 Januari dan 13 Ogos 2008, MGJV telah mendapat kelulusan JPS Kedah untuk Laporan Kelulusan Hidrologi dan Hidraulik bagi lintasan sungai dan parit utama sepanjang laluan projek di Kedah. Antara ulasan JPS Kedah terhadap kelulusan tersebut adalah MGJV perlu memberi keutamaan dalam pembinaan pembetung di Jalan Sultanah, Alor Setar untuk menyelesaikan masalah banjir yang sering dihadapi.

b. Dua aspek saliran yang diambil kira dalam reka bentuk yang diluluskan oleh JPS iaitu sistem pembetungan sementara dan kekal. Bagi kotak pembetung sementara, reka bentuk dan saiz pembetung yang dibina adalah untuk menampung kadar alir disebabkan hujan 20 tahun ARI (Annual Reccurence Interval) iaitu Q_{20} manakala saiz pembetung kekal pula adalah lebih besar iaitu untuk menampung kadar alir disebabkan hujan 100 tahun ARI iaitu Q_{100}.

c. MGJV telah membina sebuah pembetung sementara dengan kapasiti Q_{20} di Jalan Sultanah, Alor Setar yang boleh digunakan semenjak 21 Jun 2010 sehingga pembetung kekal dengan kapasiti Q_{100} siap dibina pada 30 Oktober 2011. Di samping itu, MGJV juga telah membina sebuah pembetung kekal di lokasi yang berhampiran Jalan Sultanah pada 9 Oktober 2010.

d. MGJV juga telah memohon kelulusan Laporan Reka Bentuk Hidrologi dan Hidraulik dari MADA dan ia telah diluluskan pada 6 April 2008. Sehubungan itu, MGJV telah mematuhi semua keperluan MADA.

e. Berdasarkan Laporan Banjir Tahun 2010 yang dikeluarkan oleh JPS Negeri Kedah, banjir yang berlaku di negeri tersebut pada 1 hingga 5 November 2010 disebabkan oleh 3 faktor utama iaitu hujan lebat yang luar biasa dan menyeluruh; air melimpahi tebing sungai dan kesan air pasang surut.

f. Selain itu, keadaan banjir yang lambat surut di Kedah dan Perlis juga disebabkan oleh gangguan pada sistem saliran perparitan dan sungai. Lawatan Audit ke tapak projek yang terlibat dengan banjir mendapati sistem perparitan di sekitar komponen projek *Road Over Bridge* di Jalan Sultanah yang terletak di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan, tersumbat dengan sampah sarap dan kelodak seperti di gambar berikut:

GAMBAR 26.19



GAMBAR 26.20



Road Over Bridge, Jalan Sultanah
- Sistem Perparitan Di Kawasan Berhampiran Tapak Projek Yang Dipenuhi Semak Samun
(23.07.2011)

26.5.4.2. Banjir Di Pulau Pinang

Berdasarkan laporan JPS Seberang Perai Selatan, KSET, KTMB dan MGJV, banjir kilat telah berlaku di 3 kawasan iaitu Valdor, Titi Hitam dan Sungai Jawi pada 19 Oktober 2008. Semakan Audit terhadap masalah banjir yang berlaku di Pulau Pinang mendapati perkara berikut:

a. Pemeriksaan lanjut ke Titi Hitam (Sungai Jawi) yang dilakukan oleh MGJV dan KTMB pada 22 Oktober 2008 mendapati banjir di kawasan tersebut telah surut. Pihak KTMB dan MGJV telah merumuskan bahawa banjir kilat tersebut berlaku akibat limpahan air Sungai Jawi yang berdekatan di kawasan yang berkaitan.

b. Bagaimanapun pada 23 Oktober 2008, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mengeluarkan Arahan Pemberhentian Kerja kepada MGJV dengan alasan tiada kelulusan pelan kerja tanah. Pada 6 November 2010, Kerajaan Pulau Pinang menarik semula Arahan Pemberhentian Kerja tersebut setelah pihak Kerajaan Negeri dan JPS berpuas hati dengan kerja pembinaan yang dijalankan oleh MGJV.

c. Pada 12 November 2010, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui MPSP sekali lagi telah mengeluarkan Arahan Pemberhentian Kerja kedua kepada MGJV bagi tujuan mengelakkan berlakunya banjir di kawasan yang terlibat dengan projek di Pulau Pinang. Arahan Pemberhentian Kerja ini dikeluarkan berikutan kebimbangan

Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa kejadian banjir buruk di Kedah akan berlaku di Pulau Pinang terutama di Seberang Perai.

d. Arahan Pemberhentian Kerja kedua ini menetapkan 2 syarat, iaitu MGJV perlu merobohkan sebarang pembinaan atau membukanya bagi membolehkan aliran air keluar bagi tujuan mengelakkan banjir sekiranya perlu dengan kos tanggungan sendiri dan menanggung sebarang kerugian kewangan/harta benda yang dialami oleh mangsa banjir yang disebabkan oleh pelaksanaan projek sekiranya dibuktikan sahih.

e. Pada 18 November 2010, MGJV telah mengemukakan surat persetujuan terhadap 2 syarat yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan surat persetujuan tersebut, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengarahkan MPSP supaya menarik balik Arahan Pemberhentian Kerja pada tarikh yang sama.

Pada pendapat Audit, kejadian banjir di Kedah dan Perlis adalah bukan disebabkan oleh Projek Ipoh ke Padang Besar kerana projek ini telah menyediakan pembetung saiz besar (Q_{100}) dan sistem perparitan di bawah Pihak Berkuasa Negeri tidak mampu menampung limpahan air yang naik mendadak.

26.5.5. Aduan Awam

Aduan awam diuruskan oleh Kementerian, KSET dan MGJV. Setiap aduan akan diterima melalui *hotline* 1-300-80-1999, surat menyurat atau telefon. Papan tanda *hotline* telah diletakkan di lokasi strategik. Semakan Audit terhadap pengurusan aduan mendapati perkara berikut:

a. Setiap aduan yang diterima akan diberi tindak balas dalam masa 48 jam dan tiada had masa ditetapkan kerana ianya bergantung kepada kes aduan tersebut. Setelah tindakan dibuat terhadap aduan tersebut pihak pengadu akan dimaklumkan secara lisan, bertulis atau telefon.

b. Temu bual dengan penduduk yang terlibat dengan projek di Perak, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang mendapati ramai di kalangan penduduk tidak mengetahui saluran yang betul untuk membuat aduan terhadap masalah yang dihadapi berkaitan projek. Ramai penduduk tidak mengetahui adanya *hotline* bagi tujuan aduan awam bagi projek.

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Terdapat 579 aduan awam yang diterima setakat 31 Januari 2012. Sebanyak 555 aduan telah berjaya diselesaikan dan 24 kes masih dalam proses penyelesaian. Maklum balas terhadap aduan awam dibincangkan mengenai penyelesaiannya dalam mesyuarat kemajuan bulanan. Manakala hotline (1-300-80-1999) dipaparkan di setiap papan tanda rasmi projek di lokasi-lokasi terbabit.

Pada pendapat Audit, *hotline* projek perlu diuar-uarkan bagi memastikan orang awam mengetahui tentang adanya *hotline* untuk tujuan pengaduan berkaitan projek.

26.5.6. Mekanisme Pemantauan

26.5.6.1. Peringkat Kementerian

Semakan Audit mendapati bilangan pegawai yang dipertanggungjawabkan di peringkat Kementerian untuk memantau kemajuan projek ini hanya terdiri daripada 2 pegawai iaitu seorang Ketua Penolong Setiausaha dan seorang Penolong Setiausaha.

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Peranan Kementerian adalah sebagai pemantau keseluruhan projek dan terlibat dalam isu-isu polisi sahaja. Kementerian telah melantik KSET bagi melaksanakan tugas sebagai PMC di mana KSET telah menempatkan 258 jawatan dalam projek ini. Di samping itu, Kementerian turut dibantu oleh lebih kurang 20 kakitangan projek dan jabatan-jabatan teknikal KTMB.

Pada pendapat Audit, bilangan pegawai di Kementerian yang tidak seimbang dengan saiz projek telah menyebabkan kelancaran projek terjejas kerana terdapat banyak isu yang memerlukan pertimbangan Kementerian seperti membuat keputusan terhadap isu perundangan, pengambilan tanah dan setinggan.

26.5.6.2. Peringkat KTMB

Pengurus Besar Pengurusan Projek, KTMB telah dilantik sebagai *Superintending Officer Representative* (SOR). Antara tugas-tugas yang ditetapkan mengikut kontrak adalah memperakukan jadual pembayaran dan Sijil Perakuan Siap Kerja, memastikan kualiti bahan dan mutu kerja serta tugas-tugas lain seperti mengesyorkan pensijilan kualiti kerja dan *Certificate of Making Good Defects* serta memperakukan bayaran akhir. Bagaimanapun, lawatan Audit ke tapak projek mendapati perkara berikut:

a. Pengesahan kuantiti bagi kerja yang melibatkan bangunan dan infrastruktur telah disemak oleh *Quantity Surveyor* KSET bersama pihak MGJV dan ianya diperakukan oleh seorang *Senior Resident Engineer* dari firma perunding yang dilantik oleh MGJV.

b. Pegawai KTMB yang ditempatkan di tapak projek tidak terlibat dalam pengesahan kuantiti bahan yang digunakan.

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

KTMB memaklumkan kekurangan pegawai di tapak projek menghadkan mereka untuk menjalankan tanggungjawab tersebut dan hanya menumpukan kepada kerja-kerja landasan sahaja. Pegawai projek KTMB yang ditempatkan di tapak adalah untuk pemantauan kemajuan projek serta menjadi penyelaras antara MGJV/KSET dengan jabatan dalaman KTMB. Selain itu, KTMB juga terlibat dalam kerja-kerja semakan reka bentuk, pemeriksaan dan pengujian dengan menggunakan pegawai-pegawai jabatan dalaman KTMB yang mempunyai kepakaran tertentu. Bagaimanapun, untuk mengelakkan daripada berlakunya pertindihan tugas, adalah dipersetujui bahawa tugas-tugas tertentu seperti pengesahan kuantiti bahan dijalankan oleh pegawai KSET dan KTMB akan menyemak pengesahan tersebut.

Pada pendapat Audit, pengesahan kuantiti bagi kerja bangunan dan infrastruktur perlu dilakukan oleh KSET dan diperakukan oleh KTMB selaku SOR. Selain itu, tanggungjawab SOR, KSET dan perunding yang dilantik oleh MGJV perlu diperjelaskan secara terperinci supaya mereka dapat melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan lebih berkesan.

26.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang di masa hadapan dan Kerajaan mendapat *value for money* atas perbelanjaan yang dilakukan, adalah disyorkan supaya Kementerian Pengangkutan mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

26.6.1. Memuktamadkan kenaikan yuran perunding akibat lanjutan masa dengan kadar segera dan anggaran kos keseluruhan projek ditentukan supaya bajet yang mencukupi dapat disediakan. Selain itu, pandangan Penasihat Undang-undang Kementerian perlu diambil kira terhadap kesan menghadkan perkhidmatan KSET semasa *defects liability period*.

26.6.2. Memastikan pelawaan daripada bank-bank lain perlu dibuat supaya caj yang dikenakan (seperti yuran memproses bayaran interim dan bayaran perkhidmatan nasihat kewangan) boleh dibuat perbandingan antara tawaran bank-bank yang mana lebih kompetitif bagi projek akan datang.

26.6.3. Memperuntukkan masa yang lebih panjang sekurang-kurangnya selama setahun untuk urusan pengambilan tanah dalam projek Kementerian akan datang. Sehubungan itu, semua proses pengambilan tanah perlu dipercepatkan dan memastikan peruntukan projek digunakan untuk maksud wang itu diperuntukkan.

26.6.4. Memastikan pelantikan kontraktor dibuat melalui pembidaan kompetitif bagi projek akan datang supaya Kerajaan mendapat *value for money* dan memastikan semua kontrak dimeterai dalam tempoh 4 bulan selepas SST dikeluarkan serta klausa kontrak menjamin kepentingan Kerajaan.

26.6.5. Mengarahkan MGJV mengambil tindakan memuktamadkan *Permanent Way Manual;* mengemukakan rekod siasatan dan kajian menyeluruh mengenai masalah keretakan pada permukaan dinding terowong; memberi jaminan bertulis bahawa isu keretakan tidak akan berulang lagi berdasarkan jaminan reka bentuk kontraktor reka dan bina; memberi perhatian serius terhadap masalah resapan air di dinding terowong dan memastikan pemantauan secara berterusan serta memperbaiki setiap kerja yang tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti.

26.6.6. Membuat keputusan mengenai landasan *single track* dengan kadar segera.

26.6.7. Menguar-uarkan *hotline* projek bagi memastikan orang awam mengetahui tentang adanya *hotline* untuk tujuan aduan berkaitan projek.

26.6.8. Membuat *redeployment* pegawai supaya bilangan pegawai yang sesuai ditempatkan untuk memantau projek mega dan memastikan tanggungjawab SOR, KSET dan perunding yang dilantik oleh MGJV diperjelaskan secara terperinci supaya mereka dapat melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan lebih berkesan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 189-198
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

27. PROJEK LANDASAN BERKEMBAR ELEKTRIK ANTARA SEREMBAN KE GEMAS

27.1. LATAR BELAKANG

27.1.1. Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Seremban Ke Gemas (Projek Seremban-Gemas) melibatkan peningkatan taraf infrastruktur dan kemudahan perkhidmatan keretapi di antara Seremban ke Gemas. Projek ini bertujuan memberi manfaat dari segi penambahbaikan tahap keselesaan dan keselamatan operasi tren yang meliputi aspek kelajuan, kekerapan, kapasiti dan kecekapan perkhidmatan.

27.1.2. Projek ini dilaksanakan oleh IRCON International Limited, India (IRCON) yang dilantik melalui kaedah rundingan terus dan dilaksanakan secara reka dan bina dengan kontrak bernilai RM3.450 bilion. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 26 Disember 2007 dan perjanjian kontrak dimeterai pada 16 Mei 2008. Tempoh pelaksanaan projek ialah 48 bulan iaitu bermula 18 Januari 2008 hingga 17 Januari 2012. Projek ini mempunyai 2 tarikh siap kerja iaitu 17 Julai 2010 bagi Seksyen Seremban-Sg. Gadut dan 17 Januari 2012 bagi Seksyen Sg. Gadut-Gemas.

27.1.3. *Superintending Officer* (SO) projek ialah Ketua Setiausaha (KSU), Kementerian Pengangkutan dan *Superintending Officer's Representative* (SOR) ialah Pengurus Besar Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). KLIA Consultancy Services Sdn. Bhd. (KLIACS) telah dilantik sebagai Perunding Pengurusan Projek (Project Management Consultant-PMC) pada 22 Januari 2009 dengan kos berjumlah RM71.49 juta (termasuk kos imbuhan balik RM1.24 juta dan cukai perkhidmatan RM3.34 juta).

27.1.4. Projek Seremban-Gemas mempunyai 2 pakej iaitu pembinaan infrastruktur serta membangunkan sistem semboyan, komunikasi dan elektrifikasi. Antara lainnya komponen infrastruktur merangkumi pembinaan landasan berkembar elektrik sepanjang 98.12 km dan 5 stesen baru di Sg. Gadut, Rembau, Tampin, Batang Melaka dan Gemas serta satu perhentian iaitu Hentian Senawang. Had laju reka bentuk bagi landasan adalah 160 km sejam dan had laju operasi 140 km sejam atau 90 km sejam bagi tren barang. Pelan projek adalah seperti di rajah berikut:

RAJAH 27.1
PELAN PROJEK LANDASAN BERKEMBAR ELEKTRIK
ANTARA SEREMBAN KE GEMAS



27.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Seremban-Gemas telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat.

27.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Projek Seremban-Gemas bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011. Pengauditan dijalankan di Kementerian Pengangkutan (Kementerian), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), KLIA Consultancy Services Sdn. Bhd. (KLIACS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sembilan dan Melaka serta Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sembilan dan Melaka.

27.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, dokumen dan rekod yang berkaitan dengan projek; mengadakan lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab di kementerian/jabatan/agensi yang terlibat. Perbincangan dengan Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian di Melaka dan Negeri Sembilan; Pentadbir Tanah Negeri Melaka dan Negeri Sembilan; Majlis Perbandaran Seremban (MPS); Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Negeri Melaka; Pejabat Perancangan Bandar Dan Desa, Negeri Sembilan; Majlis Perbandaran Jasin, Melaka serta Pejabat Daerah Rembau, Tampin dan Gemas, Negeri Sembilan telah diadakan pada 20 Mac 2012 untuk mendapat maklumat lanjut mengenai pelaksanaan projek ini.

27.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2011 mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan Projek Seremban-Gemas adalah memuaskan. Prestasi fizikal keseluruhan projek adalah mengikut jadual setelah mengambil kira 3 lanjutan masa yang diluluskan. Di samping itu, Seksyen Seremban-Sg. Gadut telah disiapkan dengan lanjutan masa selama 10 bulan dan mula beroperasi pada 1 Mei 2011. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan projek seperti berikut:

i. lanjutan masa projek telah mengakibatkan *time overrun* selama 18 bulan yang mengakibatkan kontraktor menuntut *loss and expenses* berjumlah RM150 juta;
ii. berlaku kelewatan dalam proses pengambilan tanah dan pemindahan setinggan;
iii. klausa kontrak berhubung pengurangan kadar *Liquidated And Ascertained Damages* (LAD) dan penetapan had maksimum tanggungan liabiliti tidak menjaga kepentingan Kerajaan;
iv. kelewatan IRCON menyelesaikan *Non-Conformance Reports* (NCR) yang dikeluarkan oleh KLIACS;
v. ketidakpatuhan kepada syarat kelulusan *Environmental Impact Assessment*; dan
vi. kerja pembinaan yang tidak mengikut spesifikasi/reka bentuk yang kurang sesuai telah mengakibatkan banjir kilat.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

27.5.1. Prestasi Projek

27.5.1.1. Prestasi Fizikal

Mengikut syarat kontrak, tarikh siap asal projek bagi Seksyen Seremban-Sg. Gadut adalah pada 17 Julai 2010 dan pada 17 Januari 2012 bagi Seksyen Sg. Gadut-Gemas (Keseluruhan Projek). Bagaimanapun, semakan Audit terhadap prestasi fizikal projek mendapati perkara berikut:

a. Tiga lanjutan masa telah diluluskan oleh SO Projek. Bagi Seksyen Seremban-Sg. Gadut, sebanyak 287 hari telah diluluskan manakala bagi Keseluruhan Projek sebanyak 561 hari diluluskan. Ini bermakna Tarikh Siap Dijangka (Revised Completion Date) untuk Seksyen Seremban-Sg. Gadut adalah pada 30 April 2011. Manakala keseluruhan projek dijangka siap pada 31 Julai 2013. Lanjutan masa yang diluluskan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.1
LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

LANJUTAN MASA	SEKSYEN	TARIKH SIAP ASAL	TARIKH SIAP BARU	TEMPOH LANJUTAN MASA (Hari)	SEBAB LANJUTAN MASA
1	Seremban - Sg. Gadut	18.07.2010	25.12.2010	161	• Kelewatan pemindahan setinggan dari tanah rizab kereta api. • Kelewatan 7 bulan selepas *Development Order* dipohon untuk mengesahkan lokasi Stesen Sg. Gadut oleh Kerajaan Negeri Sembilan. • Mereka bentuk semula jajaran dan menyediakan pelan baru pengambilan tanah disebabkan pembatalan pembinaan terowong antara Rembau ke Tampin.
	Sg. Gadut - Gemas	18.01.2012	16.08.2012	212	
2	Seremban - Sg. Gadut	26.12.2010	30.04.2011	126	• Banjir di Stesen Sg. Gadut pada 13 Januari 2011. • Keadaan cuaca buruk akibat dari hujan lebat luar biasa dalam 4 bulan tahun 2010. • Kelewatan memberi milik tapak tanah tambahan di Stesen Sg. Gadut.
3	Sg. Gadut - Gemas	17.08.2012	31.07.2013	349	• Kelewatan penutupan lintasan rata di Tampin. • Halangan masuk tapak di Lot 607, Rembau, Negeri Sembilan.

b. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan untuk Seksyen Seremban-Sg. Gadut pada 30 April 2011 dan kini dalam tempoh tanggungan kecacatan (Defects Liability Period) selama 2 tahun iaitu sehingga 29 April 2013. Sehubungan itu, perkhidmatan kereta api ke Hentian Senawang dan Stesen Sg. Gadut telah mula beroperasi pada 1 Mei 2011.

c. Setakat 16 Mac 2012, kemajuan kerja sebenar bagi keseluruhan projek adalah 87.2% berbanding 86.9% mengikut jadual (termasuk lanjutan masa yang diluluskan).

d. Antara sebab lanjutan masa ketiga diluluskan adalah kelewatan penutupan lintasan rata di Tampin, Melaka. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut:

   i. Berdasarkan kontrak, semua lintasan rata akan ditutup secara kekal dan lintasan rata di Tampin dijadualkan untuk ditutup pada 19 November 2010 bagi membolehkan kerja pembinaan landasan dilakukan dan juga menjamin keselamatan disebabkan operasi kereta api elektrik yang berkelajuan 140 km sejam. Bagaimanapun, keperluan penutupan lintasan rata ini telah menimbulkan bantahan daripada Kerajaan Negeri Melaka dan penduduk setempat. Antara faktor bantahan penduduk adalah kerana lintasan rata

tersebut merupakan laluan terdekat yang menghubungkan penduduk dari kawasan Tampin ke Pulau Sebang atau sebaliknya. Penutupannya akan menyukarkan orang ramai ke Pekan Pulau Sebang kerana perlu menggunakan jalan utama iaitu Tampin-Alor Gajah *Bypass* yang jaraknya lebih kurang 200 meter daripada lintasan rata tersebut.

ii. Pada 31 Disember 2008, Mesyuarat Majlis Perancang Negeri Melaka memutuskan supaya jalan lintasan rata ini boleh ditutup jika sebuah jalan pintas ke Pulau Sebang dibina sebelum penutupan lintasan rata tersebut. Memandangkan keputusan untuk membina jalan pintas ke Pulau Sebang tidak diperolehi daripada Kementerian pada masa itu, lintasan rata ini tidak dapat ditutup mengikut jadual iaitu pada bulan November 2010.

iii. Untuk menyelesaikan masalah ini, Mesyuarat Jawatankuasa Perubahan Kerja Peringkat Kementerian Pengangkutan pada 25 Januari 2011 telah bersetuju agar sebuah jalan pintas ke Pulau Sebang dibina. Pada 24 Mac 2011, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan pembinaan jalan pintas yang akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Melaka untuk dilaksanakan.

iv. Bagi melancarkan pelaksanaan Projek Seremban-Gemas, Kementerian telah memohon 2 kali masing-masing pada 15 April 2011 dan 24 Mei 2011 kepada Pejabat Ketua Menteri Melaka untuk menutup lintasan rata di Tampin sebelum projek jalan pintas dilaksanakan. Bagaimanapun pada 31 Mei 2011, Kerajaan Negeri Melaka bertegas tidak membenarkan lintasan rata tersebut ditutup sehingga jalan pintas siap dibina.

v. Projek Jalan Pintas Pulau Sebang/Tampin bernilai RM5.95 juta telah dilaksanakan pada 3 Jun 2011 dengan tarikh siap asal pada 30 Oktober 2011. Bagaimanapun projek ini tidak dapat disiapkan mengikut jadual dan setakat 26 Disember 2011, kemajuan kerja sebenar hanya 83%. Keadaan di tapak projek pada 26 Disember 2011 adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 27.1



Jalan Pintas Pulau Sebang/Tampin
- Kerja Pemasangan Besi Dinding Parapet Wall
(Sumber: JKR Melaka - 26.12.2011)

GAMBAR 27.2



Jalan Pintas Pulau Sebang/Tampin
- Pemasangan Kotak Acuan Dinding Parapet Wall
(Sumber: JKR Melaka - 26.12.2011)

vi. Lintasan rata di Tampin hanya ditutup pada 4 November 2011 apabila jalan pintas yang belum siap sepenuhnya telah dibuka kepada orang awam. Disebabkan kelewatan penutupan lintasan rata di Tampin ini, IRCON pada 16 Mac 2012 telah menuntut *loss and expenses* berjumlah RM150 juta daripada Kementerian dan tuntutan ini sedang disemak oleh KLIACS.

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Kerja pembinaan jalan pintas telah siap pada 25 Mei 2012. Berhubung dengan tuntutan loss and expenses, IRCON memohon ia ditangguhkan. Tuntutan tersebut akan dikemukakan oleh IRCON dalam masa 3 bulan selepas Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan selaras dengan peruntukan dalam kontrak.

Pada pendapat Audit, Projek Seremban-Gemas telah dilaksanakan mengikut jadual setelah mengambil kira 3 lanjutan masa yang diluluskan. Bagaimanapun, lanjutan masa tersebut telah mengakibatkan *time overrun* selama 18 bulan. Akibat daripada tindakan tegas Kerajaan Negeri Melaka untuk tidak membenarkan lintasan rata di Tampin ditutup sehingga jalan pintas siap dibina telah menjejaskan kelancaran pelaksanaan projek dan Kementerian menghadapi masalah tuntutan IRCON yang berjumlah RM150 juta.

27.5.1.2. Prestasi Kewangan

Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM2.078 bilion dan RM796 juta masing-masingnya di bawah RMKe-9 dan RMKe-10 dan RM50 juta di bawah peruntukan khas Perbendaharaan untuk melaksanakan projek ini. Semakan Audit terhadap prestasi kewangan projek mendapati perkara berikut:

a. Setakat 31 Disember 2011, sebanyak 8 Arahan Perubahan Kerja (APK) telah diluluskan yang melibatkan pengurangan dan penambahan skop kerja berjumlah RM83.33 juta dan RM1.68 juta masing-masingnya. Selain itu, satu perjanjian tambahan untuk penambahan skop kontrak juga telah dimeterai untuk kerja pengesanan dan pemusnahan bom di kawasan stesen Tampin berjumlah RM0.15 juta. Selepas mengambil kira penambahan skop kontrak dan 8 APK tersebut, nilai kontrak adalah berjumlah RM3.368 bilion. Butiran lanjut APK yang diluluskan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.2
ARAHAN PERUBAHAN KERJA YANG DILULUSKAN

NO. APK	PERKARA	PENAMBAHAN/ (PENGURANGAN) NILAI SKOP KERJA (RM Juta)
4	Perubahan reka bentuk di Yad Sungai Gadut	(3.53)
5	Pembatalan reka bentuk dan pembinaan Hentian Air Kuning	(12.45)
6	Pembatalan pembinaan terowong dan merujuk semula kepada jajaran sedia ada dengan menaik taraf kepada lengkungan sedia ada untuk mengoptimakan had laju	(36.53)
7	*Omission Automatic Fare Collection* (AFC) *System*	(22.60)
8	Pengambilan dan kerja ukur tanah bagi talian TNB 132kV untuk *feeder station* Rembau	0.19
11	Perubahan reka bentuk platform di Stesen Tampin dan Gemas	(8.22)
12	Pengesanan dan pemusnahan bom di kawasan kerja pembaikan di Sungai Gemas (BRV 34)	0.76
13	Penempatan semula bilik peralatan sistem dari tingkat bawah ke tingkat *Concourse* di Stesen Sungai Gadut	0.73
JUMLAH		**(81.65)**

Nota: ***APK 1 Dan 3 Dilulus Secara Prinsip, APK 2 Tidak Diluluskan, APK 9 Dan 10 Dibatalkan***

b. Selain daripada harga kontrak, Kementerian perlu menanggung kos tambahan berjumlah RM184.47 juta. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.3
KOS SELAIN DARIPADA NILAI KONTRAK

PERIHAL	JUMLAH (RM Juta)
Yuran Perunding	71.49
Pengambilan Tanah	84.22
Bayaran Pampasan Kepada Setinggan	0.94
Caj Bayaran Lewat Pengambilan Tanah (Borang I/K)	1.02

PERIHAL	JUMLAH (RM Juta)
Kos Perumahan Orang Asli	0.34
Projek Pembinaan Jalan Pintas Pulau Sebang/Tampin	5.95
TNB *Contribution Fees*	20.51
JUMLAH	**184.47**

c. Setakat 31 Disember 2011, Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM2.887 bilion untuk keseluruhan projek seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.4
PERBELANJAAN PROJEK SETAKAT AKHIR TAHUN 2011

PERIHAL	JUMLAH (RM Juta)
Bayaran Kemajuan	2,707.83
Yuran Perunding	66.04
Pengambilan Tanah	84.22
Bayaran Pampasan Kepada Setinggan	0.94
Cas Bayaran Lewat Pengambilan Tanah (Borang I/K)	1.02
Kos Perumahan Orang Asli	0.34
Projek Pembinaan Jalan Pintas Pulau Sebang/Tampin	5.95
TNB *Contribution Fees*	20.51
JUMLAH	**2,886.85**

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan bagi projek ini adalah baik di mana 98.7% daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM2.924 bilion telah dibelanjakan setakat akhir tahun 2011. Bagaimanapun, kos projek akan meningkat berikutan lanjutan kontrak serta tuntutan *loss and expenses* berjumlah RM150 juta daripada IRCON yang kini masih dalam semakan KLIACS.

27.5.2. Pengurusan Projek

27.5.2.1. Kelewatan Pengambilan Tanah

Berdasarkan syarat kontrak, IRCON adalah bertanggungjawab untuk menyediakan pelan pengambilan tanah dan menyerahkannya kepada KTMB dan Kementerian. Sehubungan itu, *Master Implementation Programme* (MIP) asal dalam *Appendix* 11 dokumen kontrak menetapkan penyediaan pelan dan pengambilan tanah perlu diselesaikan dalam tempoh 9 bulan (274 hari) dari tarikh pemilikan tapak iaitu sebelum 17 Oktober 2008. Manakala bagi pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG), pengambilan tanah boleh dianggap selesai apabila borang 'K' (Pemberitahu Bahawa Tanah Telah Diambil Milik) dikeluarkan. Semakan Audit terhadap proses pengambilan tanah mendapati perkara berikut:

a. Projek Seremban-Gemas melibatkan pengambilan tanah seluas 296.31 hektar di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Bilangan lot tanah yang terlibat keseluruhannya ialah 883 lot tanah hak milik persendirian dan 62 lot tanah kerajaan negeri dan setakat 31 Disember 2011, sejumlah RM84.22 juta telah dibelanjakan bagi tujuan pengambilan tanah. Butiran pengambilan tanah adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.5
PENGAMBILAN TANAH BAGI PROJEK SEREMBAN-GEMAS SETAKAT 31 DISEMBER 2011

NEGERI	DAERAH	BIL. LOT TANAH DIAMBIL MILIK		KELUASAN TANAH TERLIBAT (Hektar)	KOS PENGAMBILAN (RM Juta)
		HAK MILIK PERSENDIRIAN	KERAJAAN		
Johor	Segamat	7	1	2.74	0.58
Melaka	Alor Gajah/Jasin	350	-	155.90	42.41
Negeri Sembilan	Seremban/Rembau/ Tampin/Gemas	526	61	137.67	41.23
JUMLAH		**883**	**62**	**296.31**	**84.22**

b. Proses pengambilan bagi kesemua lot tanah hak milik persendirian tidak dapat diselesaikan pada 17 Oktober 2008. Adalah didapati proses ini hanya dapat diselesaikan selepas kelewatan antara 37 hingga 1,169 hari. Selain itu, terdapat satu lot tanah (Lot 981) di Negeri Sembilan yang masih belum dapat diselesaikan proses pengambilannya pada akhir tahun 2011. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.6
STATUS PENGAMBILAN TANAH BAGI PROJEK SEREMBAN-GEMAS SETAKAT 31 DISEMBER 2011

NEGERI	FASA PENGAMBILAN TANAH	BILANGAN LOT TANAH	TARIKH BORANG 'K' DIKELUARKAN	KELEWATAN (Hari)
Negeri Sembilan	Kumpulan 1	22	06.05.2009	201
		232	23.12.2008	66
		1	05.10.2010	717
		2	12.10.2010	724
		1	07.07.2009	262
		1	19.07.2010	639
		1	31.12.2011*	1,169
		108	24.11.2008	37
		3	06.08.2009	292
	Kumpulan 2	9	14.07.2010	634
		57	26.03.2010	524
		2	29.04.2011	923
		81	26.03.2010	524
	Kumpulan 3	1	18.05.2011	942
		2	18.05.2011	942
		2	15.05.2011	939
		1	14.06.2011	969
Melaka	Kumpulan 1	182	06.11.2008	39
		5	25.06.2009	250
		4	26.11.2008	39
		4	25.06.2009	250
		1	26.11.2008	39
		91	22.07.2009	277
	Kumpulan 2	14	11.02.2010	481
		2	17.12.2009	425
		3	09.03.2010	507
		18	15.12.2010	788
	Kumpulan 3	20	15.12.2010	788
		6	03.02.2011	865
Johor	Kumpulan 1	5	11.09.2009	328
	Kumpulan 2	2	28.07.2011	1,013
JUMLAH		**883**		**37 - 1,169**

Nota: ***(*) - Belum Selesai Setakat 31 Disember 2011***

c. Selepas pelan pengambilan tanah dikemukakan oleh IRCON, proses pengambilan tanah adalah agak rumit yang melibatkan antaranya 3 pihak iaitu Pihak Berkuasa Negeri, Pejabat Tanah Negeri dan Kementerian. Secara umumnya, Pejabat Tanah Negeri adalah bertanggungjawab untuk menyiasat permohonan pengambilan tanah yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan memberikan perintah bertulisnya dalam Borang G (*Award* Pampasan Bertulis) dan mengeluarkan Borang H (Notis *Award* Dan Tawaran *Award* Pampasan). Sesalinan Borang G dan H akan disampaikan kepada Kementerian yang hendaklah menjelaskan bayaran pampasan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh Borang G dan H. Semakan Audit terhadap tempoh masa yang diambil untuk menyelesaikan 3 proses utama pengambilan tanah mendapati perkara berikut:

i. IRCON lewat mengemukakan pelan (termasuk pindaannya) pengambilan tanah kepada KTMB dan Kementerian. Adalah didapati pelan pindaan untuk 323 lot tanah hak milik persendirian telah dikemukakan antara 118 hingga 1,063 hari selepas 17 Oktober 2008 iaitu tarikh sepatutnya semua urusan pengambilan tanah diselesaikan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.7
KELEWATAN PIHAK IRCON MENGEMUKAKAN PELAN TANAH

NEGERI	FASA PENGAMBILAN TANAH	JUMLAH LOT	TARIKH PELAN PINDAAN DIHANTAR KE JKPTGN	TEMPOH MASA SELEPAS 17 OKTOBER 2008 (Hari)
Negeri Sembilan	Kumpulan 1	1	17.04.2009	182
		1	17.04.2009	182
		1	25.02.2010	496
		1	15.09.2011	1,063
		3	12.02.2009	118
	Kumpulan 2	9	21.07.2009	277
		57	21.07.2009	277
		2	22.07.2009	278
		81	21.07.2009	277
	Kumpulan 3	1	23.09.2010	706
		2	23.09.2010	706
		2	11.01.2011	816
		1	03.12.2010	777
Melaka	Kumpulan 1	91	21.04.2009	186
	Kumpulan 2	14	24.08.2009	311
		2	12.06.2009	238
		3	19.10.2009	367
		18	11.06.2010	602
	Kumpulan 3	20	20.08.2010	672
		6	20.08.2010	672
Johor	Kumpulan 1	5	21.04.2009	186
	Kumpulan 2	2	14.12.2010	788
JUMLAH		**323**		

ii. Tempoh masa yang diambil oleh Pejabat Tanah Negeri bagi mengeluarkan Borang G dan H untuk 560 lot tanah adalah antara 202 hingga 595 hari selepas menerima pelan pindaan daripada IRCON, sedangkan IRCON diberi tempoh masa 274 hari untuk menyelesaikan semua urusan pengambilan tanah. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.8
TEMPOH MASA DARI TARIKH PELAN PINDAAN DIHANTAR SEHINGGA BORANG G/H DIKELUARKAN

NEGERI	FASA PENGAMBILAN TANAH	JUMLAH LOT	TARIKH PELAN PINDAAN DI HANTAR KE JKPTGN	TARIKH BORANG G/H DIKELUARKAN	TEMPOH MASA DIAMBIL (Hari)
Negeri Sembilan	Kumpulan 1	1	17.04.2009	22.06.2010	431
		1	17.04.2009	02.09.2010	502
		108	04.09.2008	24.03.2009	202
	Kumpulan 2	9	21.07.2009	27.05.2010	310
		57	21.07.2009	17.05.2010	300
		2	22.07.2009	09.03.2011	595
		81	21.07.2009	22.04.2010	275
Melaka	Kumpulan 1	182	01.08.2008	26.03.2009	239
		5	01.08.2008	26.03.2009	239
		4	01.08.2008	28.05.2009	302
		4	01.08.2008	28.05.2009	302
		1	01.08.2008	23.03.2009	236
		91	21.04.2009	18.11.2009	211
	Kumpulan 2	14	24.08.2009	16.04.2010	235
JUMLAH		**560**			

iii. Kementerian telah membayar pampasan bagi 802 lot tanah atau 90.8% daripada 883 lot tanah dalam tempoh yang ditetapkan iaitu antara 14 hingga 89 hari. Bagaimanapun, pampasan kepada pemilik bagi 81 lot tanah di Tampin, Negeri Sembilan telah dibayar dalam tempoh 134 hari iaitu melewati tempoh yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.9
PRESTASI BAYARAN PAMPASAN OLEH KEMENTERIAN SETAKAT 31 DISEMBER 2011

NEGERI	FASA PENGAMBILAN TANAH	JUMLAH LOT	TARIKH BORANG G/H	TARIKH BAYARAN OLEH KEMENTERIAN	TEMPOH MASA DIAMBIL (Hari)
Negeri Sembilan	Kumpulan 1	22	17.02.2009	27.03.2009	40
		232	17.02.2009	27.03.2009	40
		1	22.06.2010	08.09.2010	76
		2	22.07.2010	23.09.2010	61
		1	02.09.2010	14.10.2010	44
		1	31.05.2010	25.06.2010	25
		108	24.03.2009	17.04.2009	23
		3	12.06.2009	08.07.2009	26
	Kumpulan 2	9	27.05.2010	25.06.2010	28
		57	17.05.2010	04.08.2010	77
		2	09.03.2011	01.04.2011	22
		81	22.04.2010	06.09.2010	134
	Kumpulan 3	1	11.03.2011	01.04.2011	20
		2	11.03.2011	01.04.2011	20
		2	15.04.2011	06.06.2011	51
		1	23.05.2011	08.06.2011	15
Melaka	Kumpulan 1	182	26.03.2009	05.05.2009	39
		5	26.03.2009	20.05.2009	54
		4	28.05.2009	22.06.2009	24
		4	28.05.2009	22.06.2009	24
		1	23.03.2009	22.06.2009	89
		91	18.11.2009	22.12.2009	34
	Kumpulan 2	14	09.04.2010	18.05.2010	39
		2	16.11.2009	08.12.2009	22
		3	04.02.2010	24.02.2010	20
		18	18.10.2010	24.11.2010	36

NEGERI	FASA PENGAMBILAN TANAH	JUMLAH LOT	TARIKH BORANG G/H	TARIKH BAYARAN OLEH KEMENTERIAN	TEMPOH MASA DIAMBIL (Hari)
	Kumpulan 3	20	31.01.2011	24.02.2011	24
		6	30.01.2011	23.02.2011	23
Johor	Kumpulan 1	6	11.09.2009	18.11.2009	67
	Kumpulan 2	2	19.07.2011	03.08.2011	14
JUMLAH		**883**			

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Pihak Kementerian bersetuju bahawa pengambilan tanah seharusnya diselesaikan sebelum projek bermula. Bagaimanapun, sekiranya proses pengambilan tanah ingin diselesaikan sebelum bermulanya projek, reka bentuk jajaran perlu siap sepenuhnya dan ini tidak dapat dilakukan dalam kontrak reka dan bina seperti projek ini. Antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan pengambilan tanah adalah pewartaan dibuat semula kerana kesilapan nombor lot tanah/pemilik; kelewatan dalam pembayaran pampasan sebab maklumat pemilik tanah tidak lengkap; terdapat penglibatan perbicaraan semula; perubahan jajaran kerana perlu mematuhi syarat JKR dan perubahan jalan masuk untuk mematuhi syarat yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Pada pendapat Audit, penyelesaian pengambilan tanah dalam tempoh 9 bulan adalah tidak praktikal kerana proses pengambilan tanah agak rumit serta melibatkan pelbagai pihak seperti Pihak Berkuasa Negeri dan JKPTG. Oleh itu, proses ini sepatutnya diberi penekanan terutama semasa dalam fasa perancangan projek supaya Kerajaan tidak perlu menanggung kos tambahan akibat daripada kelulusan lanjutan masa projek.

27.5.2.2. Urusan Pemindahan Setinggan

Berdasarkan Program Kerja yang diluluskan pada 18 Jun 2008 (Master Implementation Programme Rev.0), Kementerian hendaklah memastikan tapak projek bebas daripada halangan (site free of encumbrances) pada 17 April 2008 bagi Seksyen Seremban-Sg. Gadut dan pada 17 Oktober 2008 bagi Seksyen Sg. Gadut-Gemas. Semakan Audit terhadap urusan pemindahan setinggan mendapati perkara berikut:

a. Bancian setinggan dilakukan oleh KTMB, Perbadanan Aset Kereta Api dan Pejabat Tanah. Adalah didapati bancian setinggan ini hanya selesai dijalankan pada 30 April 2008. Berdasarkan bancian yang dijalankan, terdapat seramai 313 keluarga setinggan dalam tanah rizab KTMB dan JKR *road reserve.* Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.10
RINGKASAN BILANGAN SETINGGAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	DAERAH	TANAH RIZAB KTMB	JKR *ROAD RESERVE*	JUMLAH SETINGGAN
Negeri Sembilan	Seremban	172	2	174
	Rembau	51	12	63
	Tampin/Gemas	20	1	21
Melaka	Alor Gajah	50	-	50
	Jasin	-	-	-
Johor	Segamat/Gemas	5	-	5
JUMLAH		**298**	**15**	**313**

b. Berlaku kelewatan pemindahan setinggan dalam tanah rizab KTMB selama 378 hari bagi Seksyen Seremban-Sg. Gadut dan 226 hari bagi Seksyen Sg. Gadut-Gemas. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.11
KELEWATAN DALAM PEMINDAHAN SETINGGAN

SEKSYEN	JUMLAH SETINGGAN	TARIKH PEMINDAHAN		KELEWATAN (Hari)
		SEPATUTNYA	SEBENARNYA	
Seremban - Sg. Gadut	114	17.04.2008	30.04.2009	378
Sg. Gadut - Gemas	184	17.10.2008	31.05.2009	226
JUMLAH	**298**			

c. Secara keseluruhannya, kerja pemindahan dan merobohkan struktur rumah setinggan hanya bermula pada 24 Mac 2009 dan selesai pada 30 Jun 2009 dan sejumlah RM0.94 juta pampasan telah dibayar.

Pada pendapat Audit, urusan pemindahan setinggan adalah tidak cekap di mana berlaku kelewatan antara 226 hingga 378 hari dan secara langsung telah mengakibatkan lanjutan masa untuk menyiapkan projek.

27.5.2.3. Perjanjian Kontrak

Pada tahun 2000, Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Rawang Dan Ipoh telah dilaksanakan oleh Kementerian. Pengauditan yang dijalankan pada akhir tahun 2008 mendapati anggaran kerugian yang dialami Kerajaan adalah berjumlah RM1.14 bilion apabila kontraktor asal gagal menyiapkan projek. Bagaimanapun, keseluruhan jumlah kerugian ini tidak dapat dituntut daripada kontraktor kerana menurut syarat kontrak, liabiliti maksimum yang boleh dituntut daripadanya adalah terhad kepada 10 peratus daripada nilai kontrak iaitu RM257.99 juta sahaja. Semakan Audit terhadap LAD dan liabiliti kontraktor dalam kontrak Projek Seremban-Gemas mendapati perkara berikut:

a. Mengikut klausa 45 dalam *Conditions of Contract* dan klausa 14.0 *Special Provisions to The Conditions of Contract*, pengiraan LAD dan liabiliti kontraktor adalah berdasarkan nilai kerja yang belum disiapkan. Selain itu, had tanggungan atau kerugian yang disebabkan oleh kontraktor yang boleh dituntut oleh Kerajaan (cap on total liability) adalah pada kadar 5% di atas Bon Pelaksanaan yang telah ditetapkan pada kadar 5% daripada nilai kontrak.

b. Pihak Audit telah merujuk perkara ini kepada Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan, JKR untuk mendapatkan pandangan dan khidmat nasihat profesional. JKR berpendapat seperti berikut:

   i. Klausa pengiraan LAD yang berdasarkan nilai kerja yang belum disiapkan perlu diteliti kerana ia adalah tidak sejajar dengan tujuan LAD dikenakan dalam keadaan di mana masa adalah teras kepada sesebuah kontrak (time is of the essence where the parties to the agreement must perform by the time to which the parties have agreed as a delay will cause material harm/loss).

   ii. Sekiranya projek ini tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, pihak Kerajaan tidak dapat menggunakan landasan terlibat walaupun IRCON dapat menyiapkan sebahagian daripada kerja. Oleh itu, kerugian yang dialami oleh Kerajaan adalah berdasarkan nilai bagi setiap seksyen projek. Bagaimanapun, kadar LAD boleh dikurangkan dalam keadaan di mana Kerajaan mengambil alih sebahagian daripada landasan tersebut apabila Kerajaan mengeluarkan Perakuan Pendudukan Separa.

iii. JKR tidak pernah menetapkan had maksimum LAD dan tanggungan liabiliti kontraktor dalam mana-mana kontrak yang dilaksanakannya. Ini adalah berdasarkan klausa 45.2 dalam standard kontrak JKR iaitu PWD DB (Rev.2007).

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Keputusan penetapan had tanggungan liabiliti kontraktor ini adalah menggunakan pendekatan projek Rawang-Ipoh memandangkan kedua-dua projek mempunyai skop kerja yang sama. Sehubungan itu, kedua-dua pihak iaitu Kementerian dan kontraktor telah bersetuju dengan syarat tersebut dan telah memasukkannya dalam Surat Setuju Terima. Kementerian turut memaklumkan bahawa untuk projek akan datang, had tanggungan atau kerugian yang disebabkan oleh pihak kontraktor yang boleh dituntut oleh Kerajaan (cap on total liability) tidak akan ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pengurangan kadar LAD dan penetapan had maksimum tanggungan liabiliti tidak menjaga kepentingan Kerajaan. Ini disebabkan Kerajaan terpaksa menanggung kerugian sekiranya kontraktor gagal menyiapkan projek mengikut tempoh yang ditetapkan.

27.5.3. Kualiti Kerja Pembinaan

27.5.3.1. Tindakan Terhadap *Non-Conformance Reports*

Berdasarkan konsep reka dan bina, KLIACS selaku perunding yang dilantik adalah bertanggungjawab untuk menyelia pelaksanaan kerja pembinaan dan mengemukakan laporan ketidakpatuhan (Non-Conformance Reports - NCR) sekiranya berlaku sebarang ketidakpatuhan kepada peraturan dan skop kerja/spesifikasi. Bagi menjaga kepentingan Kerajaan, KLIACS adalah bertanggungjawab untuk memantau dan memastikan setiap NCR diambil tindakan dalam tempoh yang ditetapkan oleh perunding. Semakan Audit terhadap NCR mendapati perkara berikut:

a. Setakat 23 Jun 2011, KLIACS telah mengeluarkan 282 NCR kepada IRCON dan sebanyak 186 (66%) NCR telah selesai/diambil tindakan manakala bakinya masih belum diambil tindakan. Antara NCR yang dikeluarkan adalah seperti pembinaan lencongan jalan yang tidak mengikut proses kawalan kualiti; pembinaan tambak dengan menggunakan bahan dan pemadatan yang tidak sesuai dan penyeliaan kerja yang tidak berkualiti.

b. Sebanyak 34 (18.3%) daripada 186 NCR yang telah selesai lewat diambil tindakan oleh IRCON iaitu antara 18 hingga 191 hari. Daripada jumlah tersebut, terdapat 10 NCR yang lewat diambil tindakan melebihi 50 hari seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.12
CONTOH NCR YANG LEWAT DIAMBIL TINDAKAN

NCR	KETERANGAN	TARIKH TINDAKAN DIAMBIL		KELEWATAN (Hari)
NO./ (TARIKH)		SEPATUT	SEBENAR	
KLIACS/SGEDT/P1/QA/48 (10.01.2010)	*No protection on TNB Cables.*	10.07.2010	17.01.2011	191
KLIACS/SGEDT/P4/QA/26 (15.12.2010)	*Failed to submit detailed work program within 14 days from reminder letter.*	22.12.2010	23.06.2011	183

NCR NO./ (TARIKH)	KETERANGAN	TARIKH TINDAKAN DIAMBIL		KELEWATAN (Hari)
		SEPATUT	SEBENAR	
KLIACS/SGEDT/P1/QA/36A (30.07.2010)	*1) Construction of road diversion RUB 01 not according to the quality control process and procedure.* *2) Field Density Test was carried out only on road base layer and concurrently with laying of base course.*	06.08.2010	18.01.2011	165
KLIACS/SGEDT/P5/QA/11 (27.08.2010)	*Delay of Fibre Rail Optic Cable Relocation Works at Senawang Halt TNB Substation.*	03.09.2010	18.01.2011	137
KLIACS/SGEDT/P1/QA/30A (30.07.2010)	*1) Spun pile A037, B037 and A038 has been driven without relocation of operational existing utility services.* *2) KTMB and KLIACS not yet received any submission for approval for the relocation work.* *3) Existing retaining wall box culvert already damaged because of this work.*	06.08.2010	20.12.2010	136
KLIACS/SGEDT/P3/QA/10 (03.06.2010)	*Existing Box Culvert clogged up and caused water ponding - Culvert No. 80.*	10.06.2010	03.09.2010	85
KLIACS/SGEDT/P1/QA/30 (17.03.2010)	*1) Spun pile A037, B037 and A038 has been driven without relocation of operational existing utility services.* *2) KTMB and KLIACS not yet received any submission for approval for the relocation work.* *3) Existing retaining wall box culvert already damaged because of this work.*	24.03.2010	14.06.2010	82
KLIACS/SGEDT/P1/QA/47 (23.09.2010)	*Failed to submit Rev-01 MOS Fabrication & erection of structural steel works for Sg. Gadut Station.*	30.09.2010	20.12.2010	81
KLIACS/SGEDT/P4/QA/04 (22.04.2009)	*Construction of Fill Embankment Using Improper Material & Compaction.*	28.04.2009	13.07.2009	76
KLIACS/SGEDT/P4/QA/03 (A) (22.04.2009)	*Poor Quality of Supervision*	28.04.2009	18.06.2009	51

c. Kelewatan IRCON mengambil tindakan terhadap NCR yang dikeluarkan oleh KLIACS boleh mengakibatkan keadaan yang tidak diingini. Sebagai contoh, NCR telah dikeluarkan berkaitan dengan pembetung C80 yang tersumbat pada 3 Jun 2010. Adalah didapati IRCON hanya mengambil tindakan pada 3 September 2010 iaitu selepas pembetung yang tersumbat itu telah menyebabkan berlakunya banjir lumpur di Pekan Batang Melaka pada 21 Julai 2010.

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Bagi setiap NCR yang belum diambil tindakan pada tarikh yang sepatutnya, sejumlah bayaran berdasarkan nilai kerja NCR tersebut akan ditahan dalam bayaran kemajuan kerja yang berikutnya. Sekiranya IRCON masih tidak melaksanakannya, pihak ketiga akan dilantik untuk melaksanakan kerja membaiki kecacatan seperti yang ditetapkan dalam kontrak.

Pada pendapat Audit, terdapat kerja pembinaan yang tidak/kurang berkualiti yang mengakibatkan perunding mengeluarkan NCR dan seterusnya tindakan IRCON untuk menyelesaikan NCR adalah tidak memuaskan.

27.5.3.2. Pemuliharaan Alam Sekitar

Mengikut Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, Projek Seremban-Gemas perlu mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar (JAS) selepas kajian *Environmental Impact Assessment* (EIA) dilaksanakan. Laporan EIA juga membantu kontraktor untuk

mengambil kira keperluan penting pemuliharaan alam sekitar dari aspek pemantauan dan kawalan pencemaran alam sekitar untuk dilaksanakan serta mengambil kira kos yang diperlukan untuk menyediakan keperluan alam sekitar yang dikenal pasti. Selain itu, berdasarkan *Statement of Needs* (SON), IRCON adalah bertanggungjawab untuk memastikan aliran keluar/masuk sistem perparitan tidak terhalang dan dalam apa jua keadaan tidak boleh menyebabkan banjir di kawasan berhampiran. Semakan Audit terhadap pemuliharaan alam sekitar projek mendapati perkara berikut:

a. Pemeriksaan bersepadu tapak telah dilakukan melalui Laporan Penyiasatan Tapak oleh Kumpulan Ikram Berhad (IKRAM) pada bulan Februari 2001.

b. Laporan EIA telah disediakan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dan diluluskan pada 27 November 2002 dan laporan tersebut seterusnya dilanjutkan dengan syarat tambahan pada 26 Mei 2008.

c. IRCON telah melantik perunding iaitu ESI Konsultant Sdn. Bhd. (ESI) untuk melaksanakan EIA dan menyediakan Pelan Pengurusan Alam Sekitar. ESI perlu menyediakan Laporan Pematuhan Syarat-syarat Kelulusan EIA bagi setiap suku tahun. Adalah didapati laporan tersebut telah disediakan setiap suku tahun mulai bulan Julai 2008.

d. Berdasarkan Laporan Pematuhan Syarat-syarat Kelulusan EIA yang disediakan, beberapa isu yang melanggar syarat EIA telah dibangkitkan berulang kali tetapi tidak diambil tindakan oleh IRCON. Antaranya ialah:

   - berlakunya pendedahan terhadap cerun tanah di tapak pembinaan yang mengakibatkan hakisan tanah ketika berlakunya hujan lebat;
   - aliran air hujan membawa tanah yang dihakis ke dalam longkang atau sungai yang menjadi punca berlakunya banjir atau banjir lumpur;
   - laluan air seperti longkang telah dipenuhi dengan tanah hakisan dari cerun dan air melimpah keluar dari longkang yang mengakibatkan banjir pada tahun 2010 dan 2011; dan
   - terdapat sisa pembinaan seperti kayu yang telah masuk ke laluan air yang menyekat pengaliran air dan menyebabkan banjir.

e. Sebagai contoh, sebanyak 14 komponen projek mempunyai isu ketidakpatuhan syarat kelulusan EIA yang berulang tanpa diambil tindakan oleh IRCON seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.13
CONTOH KOMPONEN YANG TIDAK MEMATUHI SYARAT KELULUSAN *ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT*

KOMPONEN	LAPORAN SUKU TAHUN EIA				TEMPOH ISU BERULANG (Bulan)
	APR. - JUN 2010	JUL. - SEPT. 2010	OKT. - DIS. 2010	JAN. - MAC 2011	
BRV 02 CH 470.640	-	-	×	×	6
BRV 03 CH 477.699	×	-	×	-	6
BRV 04 CH 479.225	-	×	×	×	9
BRV 05 CH 480.932	-	×	×	×	9
BRV 06 CH 481.756	-	×	×	×	9
BRV 07 CH 483.288	×	×	×	×	12
BRV 08 CH 485.880	-	×	-	×	6
BRV 09 CH 486.545	-	×	×	×	9
BRV 10 CH 488.619	-	×	×	×	9
BRV 13 CH 495.436	-	×	-	×	6
BRV 14 CH 495.844	-	×	×	×	9


KOMPONEN	LAPORAN SUKU TAHUN EIA				TEMPOH ISU BERULANG (Bulan)
	APR. - JUN 2010	JUL. - SEPT. 2010	OKT. - DIS. 2010	JAN. - MAC 2011	
BRV 15 CH 496.360	-	×	×	×	9
BRV 16 CH 497.581	-	×	×	-	6
CH 494.250	×	×	-	-	6

Nota: ***(×) - Syarat Kelulusan EIA Tidak Dipatuhi***

f. Kesan dari ketidakakuran pada syarat EIA dan ketidakpatuhan kepada *Statement of Needs* untuk memastikan aliran keluar/masuk sistem perparitan tidak terhalang serta hujan lebat yang luar biasa semasa pelaksanaan projek telah mengakibatkan banjir di kawasan berhampiran projek pada tahun 2010 dan awal 2011. Antara kawasan yang dilanda banjir dan akibatnya adalah seperti berikut:

i. Taman Semarak 2, Pekan Air Kuning dan Kg. Parit Buloh, Daerah Tampin telah dilanda banjir sebanyak 3 kali iaitu pada 30 Jun 2010 sehingga 1 Julai 2010, 7 Julai 2010 serta 30 dan 31 Januari 2011. Lokasi dan keadaan semasa banjir adalah seperti di rajah dan gambar berikut:

RAJAH 27.2
KAWASAN BANJIR DI TAMAN SEMARAK 2, PEKAN AIR KUNING DAN KG. PARIT BULOH, NEGERI SEMBILAN



Sumber: KLIACS

GAMBAR 27.3



Taman Semarak 2, Air Kuning
- Taman Perumahan Yang Ditenggelami Air
(Sumber: KLIACS - 01.07.2010)

GAMBAR 27.4



Air Kuning, Gemencheh
- Lori Ditenggelami Air Semasa Banjir
(Sumber: KLIACS - 01.07.2010)

ii. Pekan Batang Melaka, Stesen KTMB Batang Melaka, Stesen KTMB Gemas dan Pekan Gemas telah dilanda banjir kilat pada 30 dan 31 Januari 2011. Keadaan banjir adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 27.5



Stesen KTMB Gemas
- Landasan Stesen Ditenggelami Air
(Sumber: KLIACS - 31.01.2011)

GAMBAR 27.6



Pekan Gemas
- Pekan Ditenggelami Air
(Sumber: KLIACS - 31.01.2011)

iii. Kejadian banjir yang berlaku telah mengakibatkan kerja pembinaan tergendala. Selain itu, ia juga telah mengakibatkan kerosakan kepada struktur/landasan sedia ada seperti lapisan batuan hancur atas landasan kereta api (ballast) dihanyutkan dan blok parit yang telah dipasang di sepanjang kawasan diheret keluar. Contoh kerosakan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 27.7



Kawasan Air Kuning
- Ballast Dihanyutkan Dari Trek Sedia Ada Mengakibatkan Kayu Landasan Dan Rel Tergantung
(Sumber: KLIACS - 01.07.2010)

GAMBAR 27.8



Kawasan Air Kuning
- Blok Parit Yang Telah Dipasang Diheret Keluar
(Sumber: KLIACS - 01.07.2010)



GAMBAR 27.9

Batang Melaka
- Ballast Dihanyutkan Air Di Jejambat Dan BRV 25
(Sumber: KLIACS - 01.02.2011)

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Kementerian Pengangkutan memaklumkan IRCON telah mengambil tindakan dengan memastikan segala ketidakpatuhan syarat kelulusan EIA diselesaikan dengan segera; kerja pembersihan sisa pembinaan dilakukan setiap hari Sabtu; membina silt trap di kawasan yang terlibat dan menyiapkan pembinaan jambatan supaya aliran sungai tidak terhalang.

Pada pendapat Audit, IRCON tidak memberi tumpuan kepada pematuhan syarat-syarat kelulusan EIA semasa melaksanakan projek ini. Ini antara lainnya telah mengakibatkan berlakunya banjir di kawasan-kawasan tertentu.

27.5.3.3. Kerja Pembinaan Tidak Mengikut Spesifikasi/Reka Bentuk Kurang Sesuai


Kerja pembinaan perlu berkualiti selaras dengan objektif Kementerian untuk meningkatkan keupayaan laluan landasan dan meningkatkan daya saing serta kemajuan perkeretapian di Malaysia. Oleh itu, KLIACS selaku PMC perlu memastikan setiap kerja pembinaan dilaksanakan dengan kemas pada tahap piawaian yang boleh diterima. Bagaimanapun, lawatan Audit ke tapak projek mendapati beberapa komponen projek yang dilaksanakan adalah tidak mengikut spesifikasi/reka bentuk kurang sesuai seperti berikut:

a. Jambatan Sungai BRV 26

Reka bentuk yang disediakan oleh perunding IRCON, KL Consult Associates Sdn. Bhd. untuk jambatan sungai BRV 26 adalah berdasarkan reka bentuk hidraulik dan hidrologi dengan mengambil kira *peak discharge* untuk *Annual Reccurence Interval* (ARI) *of 100 years* (Q_{100}) dan Manual Saliran Mesra Alam yang ditetapkan oleh JPS. Ini bermakna reka bentuk BRV 26 telah mengambil kira kadar alir air akibat hujan lebat yang mungkin berlaku sekali dalam 100 tahun (1%) kemungkinan akan berlaku dalam setahun. Semakan Audit terhadap jambatan sungai BRV 26 mendapati perkara berikut:

i. Reka bentuk BRV 26 telah diluluskan oleh JPS Negeri Sembilan di mana ukuran dari dasar sungai ke paras tampang bawah/gelegar (soffit) jambatan ialah 3.3 meter. Reka bentuk yang diluluskan adalah seperti di rajah berikut:

RAJAH 27.3
REKA BENTUK YANG DILULUSKAN UNTUK JAMBATAN SUNGAI BRV 26



Sumber: ***JPS, Negeri Sembilan***

ii. Pemeriksaan tapak telah dijalankan oleh JPS Daerah Tampin bersama wakil perunding IRCON, KL Consult Associates Sdn. Bhd. pada 29 Julai 2010 berikutan isu banjir di Taman Semarak 2, Air Kuning.

iii. Berdasarkan pemeriksaan yang dijalankan, ukuran dari dasar sungai ke paras *soffit* jambatan hanya 2.13 meter iaitu terkurang 1.17 meter daripada ketinggian yang ditetapkan seperti di gambar berikut:

GAMBAR 27.10



BRV 26, Jambatan Berdekatan Kawasan Air Kuning - Ukuran Dari Dasar Sungai Ke Paras Bawah Gelegar Jambatan Hanya 2.13 Meter Semasa Pembinaan (Sumber: JPS Daerah Tampin - 29.07.2010)

GAMBAR 27.11



BRV 26, Jambatan Berdekatan Kawasan Air Kuning - Air Banjir Mencapai Paras Bawah Soffit Jambatan (Sumber: JPS N.S./KLIACS - 01.07.2010)

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Kekurangan ketinggian ini disebabkan oleh kelodakan (siltation) akibat terdapat banyak aktiviti perlombongan pasir di sepanjang anak Sungai Gemencheh dan Sungai Nyalas.
IRCON juga memaklumkan, reka bentuk jambatan adalah berdasarkan reka bentuk hidraulik dan hidrologi dalam panduan yang ditetapkan oleh JPS dengan mengambil kira peak discharge untuk Annual Recurrence Interval (ARI) 100 tahun. Kerja pembinaan jambatan sungai disiapkan berdasarkan keratan hidraulik lebih besar daripada jambatan lama.

Maklum Balas JPS Negeri Sembilan Yang Diterima Pada 26 Jun 2012

Juruukur Berlesen telah dilantik untuk menjalankan kerja ukur 'as built' di BRV 26 pada 5 Jun 2012. Pihak JPS menjelaskan terdapat perbezaan sebanyak 0.78 meter di mana soffit level yang direka bentuk oleh KL Consult Associates Sdn. Bhd. ialah +46.55 meter berbanding yang diukur ialah +45.77 meter. JPS Negeri Sembilan mencadangkan supaya keratan rentas sungai di bawah jambatan didalamkan supaya aliran sungai lebih lancar.

Pada pendapat Audit, pembinaan jambatan sungai BRV 26 adalah tidak mengikut spesifikasi jambatan yang diluluskan oleh JPS Negeri Sembilan. Ketidakpatuhan spesifikasi ini merupakan antara punca berlakunya banjir kilat di Taman Semarak 2 dan Kg. Parit Buloh, Air Kuning, Negeri Sembilan pada bulan Jun dan Julai 2010.

b. Perlindungan Terhadap Cerun Jambatan Sungai Di Stesen Sg. Gadut

Mengikut Laporan Hidrologi dan Reka Bentuk Hidraulik untuk jambatan sungai (BRV 01) Stesen Sg. Gadut yang disediakan pada bulan Februari 2008 oleh KL Consult Associates Sdn. Bhd., halaju aliran air melalui jambatan diperiksa untuk memastikan ia kekal di bawah had halaju yang boleh membawa masalah kerokan, iaitu hakisan oleh air mengalir yang mengakibatkan lubang di tebing/dasar sungai. Jika ia melebihi had halaju, perlindungan menggunakan *rip-rap geotextiles* hendaklah disediakan di cerun sungai dan penampan landas (gabion) jambatan. Di samping itu, berdasarkan syarat kelulusan JPS pada 4 Julai 2008, setiap kawasan tanah atau cerun tebing yang terdedah hendaklah ditanam dengan rumput secara rapat (close turfing) untuk mengelakkan hakisan. Semakan Audit terhadap perlindungan di cerun sungai di BRV 01 mendapati perkara berikut:

i. Walaupun Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) bagi Stesen Sg. Gadut telah dikeluarkan pada 30 April 2011, kerja cerun tebing sungai di BRV 01 adalah tidak sempurna. Cerun tanah yang terdedah tidak ditanam dengan rumput secara rapat (close turfing) dan *rip-rap* di tebing sungai telah dihanyutkan semasa banjir kilat.

ii. Teguran Audit terhadap kerja yang kurang sempurna ini telah dibangkitkan semasa lawatan Audit pada 21 Jun 2011 dan tindakan masih tidak diambil semasa lawatan susulan pada 12 September 2011. Keadaan selepas banjir dan semasa lawatan Audit adalah seperti di gambar berikut:

SEBELUM TINDAKAN PEMBETULAN

GAMBAR 27.12



BRV 01, Stesen Sg. Gadut
- Keadaan Rip-Rap Di Tebing Sungai Yang Telah Dihanyutkan Semasa Banjir Kilat Kedua Di Stesen Sg. Gadut
(Sumber: KLIACS - 26.04.2011)

GAMBAR 27.13



BRV 01, Stesen Sg. Gadut
- Cerun Tidak Ditanam Dengan Rumput Secara Rapat (Close Turfing)
(12.09.2011)

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Kerja pembaikan cerun telah dilaksanakan oleh IRCON dengan membina rubble pitching di kedua-dua bahagian bawah jambatan terlibat seperti di gambar berikut:

SELEPAS TINDAKAN PEMBETULAN



GAMBAR 27.14

BRV 01, Stesen Sg. Gadut
- Kerja Pembaikan Cerun Telah Dilakukan Dengan Membina Rubble Pitching Di Kedua-dua Bahagian Cerun
(Sumber: KLIACS - 01.03.2012)

Pada pendapat Audit, kerja pembaikan cerun di BRV 01 sepatutnya telah dilaksanakan dengan segera iaitu apabila *rip-rap* yang digunakan untuk perlindungan dihanyutkan semasa banjir kilat di Stesen Sg. Gadut pada bulan April 2011.

c. Reka Bentuk Stesen Sg. Gadut

Menurut pihak JPS, Negeri Sembilan, kawasan Sg. Gadut merupakan kawasan yang sering dilanda banjir. Bagi mereka bentuk Stesen Sg. Gadut, IRCON telah mengambil kira ARI 100 tahun dan paras air Sg. Simin di bawah Q_{100} ialah 35.82 meter dari paras laut (above sea level). Sehubungan itu, Q_{100} yang digunakan oleh IRCON adalah dengan mengambil kira projek Tebatan Banjir Sg. Simin

(keseluruhan) selesai dinaik taraf. Semakan Audit terhadap reka bentuk Stesen Sg. Gadut mendapati perkara berikut:

i. Stesen Sg. Gadut terletak berdekatan Sg. Simin dan Jalan Persekutuan serta berada dalam kawasan paya. Pelan lokasi Stesen Sg. Gadut adalah seperti di rajah berikut:


RAJAH 27.4
LOKASI KAWASAN STESEN SG. GADUT



ii. Daripada maklum balas JPS Negeri Sembilan, kajian perunding Pro-Design Engineers Sdn. Bhd. (Pro-Design) yang dijalankan pada tahun 2007 menetapkan paras air Sg. Simin dengan mengambil kira Q_{100} ialah +39.61 meter dari paras laut tanpa projek Tebatan Banjir Sg. Simin dan +36.66 meter selepas projek Tebatan Banjir Sg. Simin disiapkan nanti. Bagaimanapun, reka bentuk Stesen Sg. Gadut pada paras 37.45 meter di atas paras laut telah diluluskan dengan mengambil kira projek Tebatan Banjir Sg. Simin (keseluruhan) selesai dinaik taraf.

iii. Kedudukan stesen pada paras 37.45 meter atas paras laut antara lainnya menyebabkan stesen dibanjiri air semasa kejadian banjir kilat pada 13 Januari 2011 dan 27 April 2011 dengan paras banjir pada +38.15 meter dan +37.79 meter masing-masingnya. Banjir kilat berlaku akibat hujan lebat berterusan dan telah membanjiri tingkat bawah stesen sedalam 0.65 meter (pada 13 Januari 2011) serta membanjiri jalan raya dan tempat letak kenderaan awam. Paras banjir adalah lebih tinggi berbanding paras Bilik Peralatan Sistem seperti di rajah berikut:

RAJAH 27.5
PARAS AIR BANJIR DAN KAWASAN
PENEMPATAN INFRA DI STESEN SG. GADUT PADA 13 JANUARI 2011



Sumber: KLIACS

iv. Pengaliran air yang tersekat dengan sampah sarap telah memburukkan lagi keadaan banjir. Keadaan semasa banjir pada bulan Januari dan April 2011 adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 27.15



Jambatan JKR, Stesen Sg. Gadut
- Aliran Air Banjir Disekat Dengan Sampah Sarap Semasa Banjir Surut
(Sumber: KLIACS - 13.01.2011)

GAMBAR 27.16



Stesen Sg. Gadut
- Bangunan Stesen Ditenggelami Air
(Sumber: KLIACS - 13.01.2011)

GAMBAR 27.17



Stesen Sg. Gadut
- Tanda Paras Air Banjir Di Tingkat Bawah Selepas Air Surut
(Sumber: KLIACS - 13.01.2011)

GAMBAR 27.18



Stesen Sg. Gadut
- Banjir Di Kawasan Tempat Letak Kenderaan
(Sumber: KLIACS - 27.04.2011)

v. Paras air semasa banjir pada 13 Januari 2011 ialah +38.15 meter dan ia telah membanjiri Bilik Peralatan Sistem dan Komunikasi, Tingkat Bawah bangunan stesen kerana bilik ini hanya terletak pada paras +37.45 meter atas paras laut. Akibatnya peralatan yang siap dipasang di bilik tersebut mengalami kerosakan, antaranya ialah peralatan semboyan dan komunikasi serta peralatan mekanikal dan elektrik di Bilik Relay, UPS di Bilik Bateri serta lif dan *escalator* dalam stesen. Keadaan di tingkat bawah stesen semasa banjir pada bulan Januari 2011 adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 27.19



GAMBAR 27.20



Bilik Relay, Stesen Sg. Gadut
- Peralatan Semboyan Dan Telekomunikasi Mengalami Kerosakan Semasa Dilanda Banjir
(Sumber: KLIACS - 13.01.2011)

GAMBAR 27.21



Stesen Sg. Gadut
- Escalator Rosak Akibat Banjir
(Sumber: KLIACS - 13.01.2011)

GAMBAR 27.22




Stesen Sg. Gadut
- Ketinggian Air Sehingga Paras Lutut
(Sumber: KLIACS - 13.01.2011)

vi. IRCON menganggarkan kerugian keseluruhan yang dialami akibat banjir berjumlah RM2.04 juta. Bagaimanapun, sebahagian daripada jumlah tersebut telah dituntut dalam satu Arahan Perubahan Kerja yang melibatkan kerja penempatan semula bilik peralatan sistem daripada tingkat bawah ke tingkat *Concourse* stesen berjumlah RM0.73 juta. Manakala sebahagian tuntutan kerugian dituntut melalui bayaran insurans.

vii. Pemeriksaan tapak oleh JPS, Daerah Seremban mendapati antara punca banjir kilat berlaku adalah seperti berikut:

- Halangan aliran sungai dan muka keratan sungai yang merosot kerana masalah kelodakan dan sampah sarap yang tersekat di bawah jambatan JKR yang berdekatan Stesen Sg. Gadut.

- Pemasangan *gabion* perlindungan tebing bawah jambatan JKR di Jalan Seremban-Tampin yang melintasi Sg. Simin telah menjadi *bottleneck*. Jarak tembok landas ke tembok landas (abutment to abutment) asal 18 meter mengecil kepada 13 meter sahaja adalah seperti ditunjukkan di gambar berikut:



GAMBAR 27.23

Jambatan JKR Berdekatan
Stesen Sg. Gadut
- Kadar Alir Air Menjadi Bottleneck
Dengan Pemasangan Gabion
(Sumber: JPS N.S./KLIACS - 21.06.2011)

- Sepakat Setia Perunding Sdn. Bhd. iaitu perunding IRCON melaporkan aras tertinggi asal tapak stesen ialah +39.40 meter dipotong menjadi +38.30 meter, iaitu kurang 1.10 meter bagi meminimumkan kos kerja tanah.

- Projek Menaik Taraf Keseluruhan Sg. Simin dijangka akan selesai dalam RMKe-10. Bagaimanapun, IRCON telah menggunakan Q_{100} berdasarkan penyiapan projek Tebatan Banjir Sg. Simin (keseluruhan).

viii. Pada 1 April 2011, Kementerian telah mengambil maklum bahawa JPS tidak mempunyai peruntukan bagi melaksanakan Projek Tebatan Banjir Sg. Simin dalam masa terdekat. JKR Negeri Sembilan memaklumkan bahawa rundingan terus sedang dijalankan oleh Ibu Pejabat JKR untuk melaksanakan

penggantian jambatan lama dalam pakej *Rolling Plan* 1 tetapi sehingga tamat pengauditan pada bulan September 2011, kerja menaiktarafkan jambatan lama JKR ini masih belum dimulakan.

Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu telah diadakan pada 13 Mac 2012 dan JPS Negeri Sembilan memaklumkan Projek Tebatan Banjir Sg. Simin akan dilakukan selepas kerja di bahagian hulu siap dijalankan tetapi ia bergantung kepada peruntukan JPS. Di samping itu, Kementerian berpendapat jambatan JKR perlu ditinggikan serta pengalihan utiliti dilakukan bagi mengurangkan kesan banjir di kawasan Sg. Gadut.

Pada pendapat Audit, reka bentuk Stesen Sg. Gadut sepatutnya mengambil kira Q_{100} pada keadaan semasa (existing condition) dengan menyediakan pelan kontigensi untuk menghadapi banjir selaras dengan kehendak JPS sehingga Projek Tebatan Banjir Sg. Simin siap sepenuhnya.

27.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang di masa hadapan dan Kerajaan mendapat *value for money* atas perbelanjaan yang dilakukan, adalah dicadangkan supaya Kementerian Pengangkutan mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

27.6.1. Memastikan proses pengambilan tanah dan pemindahan setinggan diberi penekanan terutama semasa dalam fasa perancangan projek Kementerian akan datang supaya Kerajaan tidak perlu menanggung kos tambahan akibat daripada kelulusan lanjutan masa. Sehubungan itu, norma masa untuk proses penyelesaian pengambilan tanah dan pemindahan setinggan hendaklah ditetapkan dalam tempoh yang munasabah dan praktikal.

27.6.2. Memastikan syarat kontrak pembinaan pada masa depan tidak mempunyai syarat pengurangan LAD kecuali kontrak membenarkan Kerajaan mengambil alih sebahagian daripada projek melalui Sijil Perakuan Pendudukan Separa.

27.6.3. Memantau dan mengambil tindakan tegas terhadap syarikat IRCON supaya melaksanakan tindakan pembaikan terhadap masalah/kecacatan setiap NCR dalam tempoh yang ditetapkan. Ini bagi memastikan kerja pembinaan berkualiti dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan serta memastikan IRCON mematuhi syarat kelulusan EIA.

27.6.4. Menyediakan pelan kontigensi untuk menghadapi masalah banjir di Stesen Sg. Gadut selaras dengan kehendak JPS sehingga projek Tebatan Banjir Sg. Simin siap sepenuhnya. Khidmat nasihat daripada JPS dan JKR perlu diperolehi terhadap tindakan susulan yang perlu diambil.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 199-206
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

28. PENGURUSAN PROGRAM APLIKASI TEKNOLOGI KEPADA KOMUNITI (TAPMOSTI@COMMUNITY)

28.1. LATAR BELAKANG

28.1.1. Program Aplikasi Teknologi Kepada Komuniti atau TAPMOSTI@COMMUNITY merupakan satu program yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan pendapatan, menyediakan peluang pekerjaan, menambah baik mutu kerja serta meningkatkan kualiti hidup masyarakat di samping meningkatkan kesedaran sains dan teknologi di kalangan masyarakat. Kumpulan sasaran bagi projek ini adalah komuniti (entiti) yang terdiri daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan, Persatuan Komuniti, Jawatankuasa Keselamatan Dan Kemajuan Kampung (JKKK), sekolah dan Jawatankuasa Masjid dengan memfokuskan kepada warga kurang upaya, ibu tunggal, warga emas, komuniti orang asli, belia dan pelajar.


28.1.2. Program TAPMOSTI@COMMUNITY yang diperkenalkan ini telah dibiayai oleh Skim Innofund dengan peruntukan berjumlah RM139.90 juta dan juga peruntukan dari Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua berjumlah RM30 juta. Pelaksanaan program ini telah dimulakan pada 24 Jun 2009 dan permohonan untuk mengikuti program ini mula diterima pada bulan Ogos 2009.

28.1.3. Pada peringkat awal, 14 teknologi telah dicadangkan untuk diaplikasikan. Sehingga pengauditan dijalankan, 22 teknologi tambahan telah diperkenalkan menjadikan 36 teknologi secara keseluruhan untuk diaplikasikan melalui program ini. Bagi melaksanakan program ini, tujuh buah agensi telah dilantik iaitu:

i. Agensi Nuklear Malaysia (ANM);
ii. Malaysian Herbal Corporation (MHC);
iii. Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (MDec);
iv. MIGHT-METEOR Advanced Manufacturing Sdn. Bhd. (MIGHT-METEOR);
v. MIMOS Berhad (MIMOS);
vi. Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. (TPM); dan
vii. SIRIM Berhad (SIRIM).

28.1.4. Garis Panduan Permohonan Projek telah dikeluarkan oleh Kementerian sebagai panduan pelaksanaan projek. Proses program TAPMOSTI@COMMUNITY secara ringkasnya adalah seperti di carta berikut:

CARTA 28.1
CARTA ALIR PROGRAM TAPMOSTI@COMMUNITY



Nota: ***Pembayaran Hanya Dibuat Kepada Kolaborator/Agensi Bagi Tujuan Pembelian Bekalan/Bahan/Peralatan Untuk Diagihkan Kepada Komuniti***

28.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program TAPMOSTI@COMMUNITY telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

28.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Program TAPMOSTI@COMMUNITY sejak ia dilaksanakan pada tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan telah dijalankan di Kementerian/agensi/lokasi seperti berikut:

a. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI);

b. 6 agensi di bawah Kementerian yang terlibat di dalam program ini iaitu ANM; MDeC; SIRIM; MIMOS; TPM dan MIGHT-METEOR; dan

c. 26 projek yang mengaplikasikan 11 teknologi di 7 negeri iaitu Johor; Melaka; Negeri Sembilan; Perak; Sabah; Selangor dan Terengganu seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.1
SAMPEL PROJEK YANG DILAWATI MENGIKUT NEGERI

NEGERI	KAWASAN	KOMUNITI	TEKNOLOGI	AGENSI PELAKSANA
Selangor	Parlimen Sabak Bernam	Jawatankuasa Masjid Al-Ikhsan, Kg. Sekendi, Sabak Bernam	K-Masjid	MIMOS
	Parlimen Hulu Selangor	SK Kerling	Pintar *Learning*	SIRIM
		SJKC Kalumpang		
		SK Kalumpang		
		SJKT Ladang Kerling		

NEGERI	KAWASAN	KOMUNITI	TEKNOLOGI	AGENSI PELAKSANA
Johor	Parlimen Sembrong	Jawatankuasa Masjid Jamek Paloh, Sembrong	K-Masjid	MIMOS
	Parlimen Ayer Hitam	SMK Yong Peng	K-School	MIMOS
	DUN Layang-Layang	JP Masjid Jamek Pekan Layang-Layang	K-Masjid	MIMOS
	DUN Panti	Jawatankuasa Masjid Al-Husna, Bandar Tenggara	K-Masjid	MIMOS
Negeri Sembilan	Parlimen Rembau	Jawatankuasa Masjid An-Nur, Rembau	K-Masjid	MIMOS
	Parlimen Kuala Pilah	Persatuan Kelab Belia Malaysia, Kuala Pilah	Teknologi Seramik Tembikar & Kraf	SIRIM
	DUN Bagan Pinang	JKKK Kg. Baru Si Rusa, Bagan Pinang	Teknologi Seramik Tembikar & Kraf	SIRIM
	DUN Linggi	JKKK Kg. Teluk Kg. Pasir Panjang, Port Dickson	Enjin Sangkut Inovasi	TPM
	DUN Klawang	KOBERA, Kuala Klawang, Jelebu	Herbaponik	MHC/ANM
Melaka	Parlimen Jasin	Pusat Pembangunan Masyarakat Nelayan, Jasin	Enjin Sangkut Inovasi	TPM
	DUN Sungai Rambai	JKKK Batu Gajah Pasir	Herbaponik	MHC/ANM
	DUN Durian Tunggal	Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Sri Pengasih, Japerun Durian Tunggal	Herbaponik	MHC/ANM
	Parlimen Alor Gajah	Pertubuhan Peladang Kawasan Alor Gajah	Teknologi Makanan Ternakan Daripada Pelepah Kelapa Sawit	MIGHT-METEOR
Sabah	Parlimen Keningau	JKKK Kg. Bayangan, Keningau	Program Latihan Dan *Internship* Bagi Pembangunan Kandungan Untuk Telefon Bimbit	MDEC
	DUN Petagas	JKKK Kg. Kepayan 2, Petagas	Enjin Sangkut Inovasi	TPM
	DUN Tamparuli	JKKK Kg. Bontoi, Tamparuli	Enjin Sangkut Inovasi	TPM
	Parlimen Beaufort	Jawatankuasa Masjid Jamek Kg. Kebatu	K-Masjid	MIMOS
	DUN Usukan	Pertubuhan Peladang Kawasan Kota Belud	Teknologi Minyak Kelapa Dara (VCO)	MIGHT-METEOR
	Parlimen Kudat	Pertubuhan Peladang Pitas, Kudat	Teknologi Minyak Kelapa Dara (VCO)	MIGHT-METEOR
Terengganu	Parlimen Dungun	Persatuan Nelayan Kawasan Dungun, Kuala Dungun	Alat *Decarboniser* Untuk Bot Berenjin Diesel	TPM
	DUN Pengkalan Berangan	Pertubuhan Peladang Kawasan Marang	Teknologi Makanan Ternakan Daripada Pelepah Kelapa Sawit	MIGHT-METEOR
	DUN Bukit Besi	Koperasi Bela Rakyat Kawasan Bukit Besi, Dungun	Teknologi Seramik Tembikar & Kraf (Hydrostone)	SIRIM
Perak	DUN Rungkup	Nelayan, Kg. Bagan Rungkup, Rungkup Kecil, Bagan Datoh	Enjin Sangkut Inovasi	TPM
	DUN Kg. Gajah	Pusat Khidmat ADUN, Kg. Gajah	Enjin Sangkut Inovasi	

28.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan Program TAPMOSTI@COMMUNITY. Selain itu, lawatan, pemeriksaan dan temu bual dengan pegawai dan penerima berkaitan juga telah dijalankan di lokasi yang terlibat.

28.5. PENEMUAN AUDIT

Pada keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2011 mendapati perancangan Program TAPMOSTI@COMMUNITY pada umumnya adalah memuaskan. Bagaimanapun, pelaksanaan program tersebut didapati kurang memuaskan kerana perkara seperti berikut:

i. kelemahan berhubung kelulusan, pembayaran dan pengagihan projek kepada komuniti;
ii. projek tidak dimanfaatkan/digunakan sepenuhnya oleh komuniti; dan
iii. pemantauan projek sama ada di peringkat Kementerian mahupun agensi masih perlu dipertingkatkan.

Penjelasan lanjut berhubung dengan kelemahan pelaksanaan projek dan maklum balas MOSTI adalah seperti di perenggan berikut:

28.5.1. Prestasi Projek

28.5.1.1. Pencapaian Output Projek

Bagi 26 projek meliputi 11 teknologi yang dipilih bagi tujuan pengauditan, tarikh projek sepatutnya disiapkan adalah antara 3 hingga 18 bulan daripada tarikh ia dimulakan. Semakan Audit mendapati sebanyak 9 (34.6%) daripada 26 projek tersebut gagal disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan dengan kelewatan antara 73 hingga 467 hari. Keterangan ringkas berkaitan teknologi yang dipilih serta projek yang mengalami kelewatan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.2
MAKLUMAT RINGKAS BERKAITAN TEKNOLOGI YANG DIPILIH UNTUK PENGAUDITAN

TEKNOLOGI	MAKLUMAT RINGKAS	AGENSI PELAKSANA
K-School	Pembangunan teknologi dan sistem bagi melengkapkan sekolah dengan kemudahan pengurusan sumber, pengurusan perpustakaan, pengurusan kehadiran dan aktiviti pelajar, guru dan kakitangan sekolah serta portal.	MIMOS
K-Masjid	Pembangunan teknologi dan sistem bagi melengkapkan masjid dengan kemudahan sistem penyimpanan, pengurusan, penyebaran dan pemakluman informasi untuk dikongsi melalui papan tanda digital dan perkakasan komputer dan portal. Selain itu, peralatan bagi K-Centre iaitu perkhidmatan Kafe Siber yang terletak di kawasan masjid bagi kawasan parlimen yang mempunyai kawasan yang sesuai turut disediakan. Bagi tujuan penyelarasan urusan K-Centre, pegawai penyelaras/sukarelawan akan dilantik dan diberikan elaun. Agensi juga memperuntukkan sejumlah dana bagi pengurusan K-Centre.	MIMOS
Enjin Sangkut Inovasi	Penggunaan kemudi enjin bot sangkut yang telah diinovasi bagi mempertingkatkan kecekapan bot nelayan yang menggunakan enjin bot sangkut 'ekor biawak' serta menjimatkan kos berbanding penggunaan enjin bot sangkut yang diimport.	TPM
Alat *Decarboniser*	Alat yang merupakan inovasi kepada pembakaran enjin diesel bagi jentera dan peralatan seperti gen-set, traktor dan bot nelayan. Ia berperanan menambah baik sistem pembakaran bahan api, mengurangkan 50% kos penyenggaraan dan menjimatkan penggunaan bahan api 15% hingga 30%.	TPM
Herbaponik	Teknik penanaman herba menggunakan kaedah hidroponik yang telah diubah suai.	MHC/ANM
Teknologi Penghasilan Makanan Ternakan Daripada Pelepah Kelapa Sawit	Teknologi penghasilan makanan menggunakan kaedah fermentasi dengan menggunakan probiotik bakteria atau kulat. Bahan mentah yang digunakan adalah yang sedia ada dan mudah didapati di kawasan komuniti seperti pelepah sawit, jerami, padi dan sebagainya.	MIGHT-METEOR
Penghasilan Minyak Kelapa Dara (VCO)	VCO dihasilkan melalui pendekatan asas bioteknologi dengan menggunakan teknik fermentasi yang ringkas dan mudah bertujuan untuk membantu pengusaha ladang kelapa melebarkan kepelbagaian penggunaan kelapa seperti minyak, sabun dan syampu.	MIGHT-METEOR

TEKNOLOGI	MAKLUMAT RINGKAS	AGENSI PELAKSANA
Pintar *Learning*	Kaedah mengajar dan belajar melalui ICT. Sistem ini dilengkapi dengan *Whiteboard, Projector, CPU* dan 3 set Pintar *Learning Software* iaitu *Math Toolbox, Science Toolbox* dan *Jawi Toolbox.* Peralatan ini dapat meningkatkan interaksi antara guru dan pelajar serta mempercepatkan proses kefahaman dan pembelajaran pelajar.	SIRIM
Teknologi Seramik Tembikar & Kraf (Hydrostone)	Bahan dan latihan teknikal bagi menghasilkan produk kraf akan diberi kepada peserta yang terlibat.	SIRIM
Program Latihan Dan *Internship* Bagi Pembangunan Kandungan Untuk Telefon Bimbit	Pemberian latihan teknikal kepada belia mengenai cara untuk membangunkan kandungan bagi telefon bimbit. Peserta juga diberikan latihan mengenai cara menjana pendapatan dengan memuat naik produk yang dibangunkan ke dalam laman web berkaitan. Setelah tamat latihan, *Internship* diberikan kepada peserta yang terpilih di akhir program untuk menyertai syarikat berstatus MSC Malaysia.	MDeC
Teknologi Seramik Tembikar & Kraf	Pemberian latihan kemahiran dalam pembuatan produk tembikar dan kraf. Juga ditawarkan teknologi pembuatan dan pengilangan. Komuniti juga diajar cara untuk menambah nilai di dalam produk yang dihasilkan dengan gabungan hasil bahan lain seperti tumbuhan hutan serta pembungkusan dan pelabelan yang menarik.	SIRIM

JADUAL 28.3
PROJEK YANG MENGALAMI KELEWATAN

JENIS TEKNOLOGI	KOMUNITI	TARIKH MULA PROJEK	TARIKH SEPATUT SIAP	TARIKH SIAP SEBENAR	KELEWATAN (Hari)
Teknologi Seramik Tembikar & Kraf	Persatuan Kelab Belia Malaysia, Kuala Pilah	01.01.2010	30.09.2010	31.12.2010	92
Enjin Sangkut Inovasi	Pusat Pembangunan Masyarakat Nelayan, Jasin	01.11.2009	31.01.2010	17.02.2011	382
	JKKK Kg. Teluk Kg. Pasir Panjang, Port Dickson	01.03.2010	31.08.2010	06.06.2011	278
	JKKK Kg. Kepayan 2, Petagas	01.02.2010	31.07.2010	11.03.2011	223
	JKKK Kg. Bontoi, Tamparuli	01.02.2010	31.07.2010	10.11.2011	467
	Nelayan, Kg. Bagan Rungkup, Rungkup Kecil, Bagan Datoh	01.03.2010	31.08.2010	03.06.2011	276
	Pusat Khidmat Adun, Kg. Gajah	01.01.2010	30.06.2010	29.09.2010	91
Herbaponik	KOBERA, Kuala Klawang, Jelebu	01.09.2010	30.10.2010	11.01.2011	73
	JKKK Batu Gajah Pasir	05.07.2010	15.12.2010	03.08.2011	231

Maklum Balas Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Kegagalan penyiapan projek dalam masa ditetapkan disebabkan antaranya oleh penambahbaikan kepada teknologi mengikut keperluan entiti penerima, kekurangan atau ketiadaan kerjasama/komitmen daripada Ahli Parlimen (MP)/Ahli Dewan Undangan (ADUN)/entiti terlibat dan proses pencarian premis projek yang sesuai.

28.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

a. Sehingga bulan November 2011, sebanyak RM20.55 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan 184 projek TAPMOSTI@COMMUNITY di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM20.10 juta (97.8%) telah disalurkan kepada agensi pelaksana. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.4
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN KESELURUHAN PROJEK TAPMOSTI@COMMUNITY SEHINGGA BULAN NOVEMBER 2011

AGENSI PELAKSANA	BILANGAN PROJEK LULUS	PERUNTUKAN	
		DILULUSKAN (RM Juta)	DISALURKAN (RM Juta)
ANM	1	0.15	0.15
MHC	26	1.55	1.15
MIGHT-METEOR	35	3.90	3.90
MIMOS	46	5.77	5.72
MDeC	6	0.60	0.60
SIRIM	22	2.94	2.94
TPM	48	5.64	5.64
JUMLAH	**184**	**20.55**	**20.10**

b. Semakan Audit terhadap 26 projek yang dipilih mendapati perbelanjaan melebihi peruntukan yang disalurkan bagi 3 projek (11.5%); perbelanjaan antara 91.7% hingga 100% bagi 10 projek (38.5%) dan perbelanjaan antara 60.2% hingga 89.3% bagi 10 projek. Manakala tiada maklumat berhubung jumlah perbelanjaan bagi baki 3 projek (11.5%). Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.5
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI 26 PROJEK YANG DIPILIH SEHINGGA NOVEMBER 2011

KOMUNITI	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERBELANJAAN (%)
Jawatankuasa Masjid Al-Ikhsan, Kg. Sekendi, Sabak Bernam	150,000	139,200	92.8
Jawatankuasa Masjid Jamek Paloh, Sembrong	150,000	134,000	89.3
JP Masjid Jamek Pekan Layang-Layang	50,000	42,500	85.0
Masjid Al-Husna, Bandar Tenggara	50,000	42,500	85.0
Jawatankuasa Masjid An-Nur, Rembau	150,000	139,200	92.8
Jawatankuasa Masjid Jamek Kg. Kebatu	150,000	138,450	92.3
SMK Yong Peng	150,000	142,298	94.9
SK Kerling	180,000	125,000	69.4
SJKC Kalumpang			
SK Kalumpang			
SJKT Ladang Kerling			
Persatuan Kelab Belia Malaysia, Kuala Pilah	300,000	290,232	96.7
JKKK Kg. Baru Si Rusa, Bagan Pinang	30,000	29,303	97.7
Koperasi Bela Rakyat Kawasan Bukit Besi, Dungun	50,000	48,937	97.9
Pusat Pembangunan Masyarakat Nelayan, Jasin	250,000	242,993	97.2
JKKK Kg. Teluk Kg. Pasir Panjang, Port Dickson	30,000	26,744	89.1
JKKK Kg. Kepayan 2, Petagas	100,000	105,935	105.9
JKKK Kg. Bontoi, Tamparuli	100,000	91,680	91.7
JKKK Kg. Rungkup Kecil, Bagan Datoh	30,000	26,744	89.1
Pusat Khidmat ADUN, Kg. Gajah Perak	50,000	38,397	76.8
KOBERA, Kuala Klawang, Jelebu	50,000	TM	TM
JKKK Batu Gajah Pasir	50,000	TM	TM
Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Sri Pengasih, Japerun Durian Tunggal	50,000	TM	TM
Pertubuhan Peladang Kawasan Alor Gajah	150,000	109,961	73.3
Pertubuhan Peladang Kawasan Marang	50,000	54,961	109.9
JKKK Kg. Bayangan, Keningau	150,000	90,350	60.2

KOMUNITI	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERBELANJAAN (%)
Pertubuhan Peladang Kawasan Kota Belud	100,000	164,483	164.5
Pertubuhan Peladang Pitas, Kudat	150,000	116,732	77.8
Persatuan Nelayan Kawasan Dungun, Kuala Dungun	250,000	250,000	100

Nota: ***TM - Tiada Maklumat***

28.5.1.3. Pencapaian *Outcome* Projek

a. Selaras dengan Program Transformasi Kerajaan, *Key Performance Index* (KPI) hendaklah ditetapkan oleh MOSTI dengan mengambil kira pendekatan yang boleh diukur selaras dengan objektif sesuatu program yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati MOSTI telah menetapkan KPI bagi Program TAPMOSTI@COMMUNITY iaitu berdasarkan bilangan projek yang akan dilaksanakan. Berdasarkan KPI tersebut, MOSTI menyasarkan untuk melaksanakan 100 projek sehingga akhir tahun 2010. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Unit Penilaian MOSTI, pencapaian KPI bagi program ini adalah 185 peratus kerana bilangan sebenar projek yang dilaksanakan melebihi sasaran yang ditetapkan.

   Pada pendapat Audit, penentuan KPI juga perlu mengambil kira objektif sebenar Program TAPMOSTI@COMMUNITY khususnya bagi meningkatkan pendapatan; peluang pekerjaan; penambahbaikan mutu kerja serta meningkatkan kualiti hidup masyarakat di samping meningkatkan kesedaran sains dan teknologi di kalangan masyarakat dan bukannya berasaskan kepada bilangan projek semata-mata.

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga bulan November 2011 kajian semula terhadap projek yang dilaksanakan di bawah program ini tidak pernah dibuat. Bagaimanapun, selaras dengan keputusan mesyuarat penilaian *outcome* bagi program ini pada 6 Disember 2011, MOSTI memaklumkan bahawa 100 projek telah dipilih untuk dibuat penilaian *outcome* dan meminta agar agensi pelaksana turun padang bagi mendapatkan maklum balas kaji selidik daripada entiti dan komuniti bermula daripada 13 Disember 2011 sehingga 11 Januari 2012.

Maklum Balas Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Hasil kajian penilaian outcome program TAPMOSTI@COMMUNITY telah dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan MOSTI pada 23 Mei 2012 dan satu task force telah ditubuhkan untuk meneliti isu dan penyelesaian daripada hasil kajian ini.

28.5.2. Pengurusan Program

28.5.2.1. Penentuan Golongan Sasaran

MOSTI telah menetapkan golongan sasaran tertentu bagi setiap teknologi di bawah Program TAPMOSTI@COMMUNITY. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap pemilihan golongan sasaran mendapati perkara berikut:

a. Kerajaan telah menetapkan agar Program TAPMOSTI@COMMUNITY dikhaskan untuk kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) tertentu. Agihan bagi 184 projek yang telah diluluskan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.6
AGIHAN PROGRAM TAPMOSTI@COMMUNITY MENGIKUT KAWASAN PARLIMEN DAN DUN

NEGERI	AGIHAN PROGRAM				JUMLAH PERUNTUKAN (RM Juta)
	BIL. PROJEK	KAWASAN PARLIMEN	BIL. PROJEK	KAWASAN DUN	
Johor	14	Pengerang, Simpang Renggam, Mersing, Tenggara, Muar, Ledang, Kulai, Tebrau, Sembrong, Kluang, Ayer Hitam, Parit Sulong, Kota Tinggi dan Tanjung Piai	16	Semerah, Tanjung Surat, Tangkak, Parit Yaani, Bukit Permai, Endau, Mahkota, Parit Raja, Panti, Tiram, Sri Medan, Layang-Layang, Pekan Nanas, Bukit Naning, Kukup dan Pemanis	2.90
Kedah	1	Langkawi	4	Sg. Trang, Kuala Nerang, Belantek dan Guar Chempedak	0.60
Kelantan	Tiada	Tiada	1	Galas	0.20
Melaka	2	Alor Gajah dan Jasin	7	Pantai Kundor, Duyong, Durian Tunggal, Rumbia, Sg. Udang dan Sg. Rambai	0.85
Negeri Sembilan	3	Rembau, Kuala Pilah dan Jempol	6	Klawang, Chembong, Juasseh, Senaling, Bagan Lalang dan Linggi	0.86
Pahang	4	Kuala Krau, Bera, Maran dan Pekan	15	Mentakab, Teruntum, Semambu, Jelai, Sg. Lembing, Kerdau, Bukit Ibam, Batu Talam, Kemayan, Kuala Sentul, Muadzam Shah, Dong, Chini, Pulau Manis dan Peramu Jaya	1.50
Perak	2	Parit dan Larut	12	Selama, Kenering, Kota Tampan, Bota, Temenggor, Lintang, Alor Pongsu, Kg Gajah, Pengkalan Baharu, Pangkor, Bukit Chandan dan Rungkup	0.96
Perlis	3	Padang Besar, Arau dan Kangar	1	Titi Tinggi	0.63
Pulau Pinang	1	Kepala Batas	1	Sg. Acheh	0.20
Sabah	21	Kalabakan, Semporna, Kinabatangan, Kudat, Kota Belud, Ranau, Penampang, Beaufort, Papar, Libaran, Putatan, Silam, Tuaran, Keningau, Beluran, Batu Sapi (2 projek), Tenom, Sipitang, Kimanis dan Kota Marudu	35	Melalap, Lahad Datu, Nabawan, Bugaya, Usukan, Kadamaian, Tempasuk, Matunggong, Labuk, Sugut, Tambunan, Sg. Sibuga, Tg. Papat, Sebatik, Elopura, Sulabayan, Karanaan, Kunak, Senalling, Sook, Batu Sapi, Lumadan, Sindumin, Merotai, Gum-Gum, Tanjung Batu, Petagas, Moyong, Inanam, Kiulu, Bingkor, Tamparuli, Kundasang, Sekong dan Kuamut	7.08
Sarawak	15	Tg. Manis, Sibuti, Limbang, Kanowit, Kapit, Sarikei, Batang Lupar, Baram, Hulu Rajang, Sibu, Santubong, Batang Sadong, Sibu, Lubok Antu dan Segedup	9	Telang Usan, Sadong Jaya, Bekenu, Dudong, Batu Danau, Senadin, Bukit Sari, Pelagus dan Nangka	3.69
Selangor	3	Sepang, Sabak Bernam dan Hulu Selangor	3	Semenyih, Sabak dan Kuang	0.63
Terengganu	2	Setiu dan Dungun	3	Pengkalan Berangan, Bukit Besi dan Kuala Besut	0.55
JUMLAH	**71**		**113**		**20.65**

b. Semakan Audit selanjutnya terhadap Projek Teknologi Penghasilan Makanan Ternakan Daripada Pelepah Kelapa Sawit yang bernilai RM150,000 mendapati peralatan projek tersebut yang sepatutnya dimanfaatkan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan Alor Gajah, Melaka (PPK Alor Gajah) telah diserahkan kepada syarikat Kaprima Livestock Sdn. Bhd. pada 2 Ogos 2010 dan 7 Ogos 2010. Ini adalah

bertentangan dengan objektif asal program iaitu teknologi yang dibekalkan sepatutnya dimanfaatkan oleh komuniti/pertubuhan peladang. Semakan Audit selanjutnya mendapati syarikat berkenaan dimiliki oleh seorang penternak/peladang yang pernah dinobatkan sebagai Peladang Jaya Lelaki Peringkat Negeri Melaka Tahun 2004 dan Peladang Jaya Lelaki Peringkat Kebangsaan Tahun 2006. Aktiviti pertanian terdahulu yang diusahakan sendiri oleh beliau juga telah menghasilkan pendapatan berjumlah RM2 juta dan keuntungan bersih yang diperoleh adalah RM350,000 setahun. Selain itu, didapati tiada bukti yang menunjukkan peralatan yang dibekalkan telah digunakan oleh syarikat tersebut kerana Laporan Pelaksanaan Projek tidak dihantar kepada MIGHT-METEOR. Semakan Audit mendapati peralatan tersebut telah diserahkan kepada seorang penternak yang memiliki 70 ekor lembu di Alor Gajah, Melaka pada 8 Ogos 2011. Keadaan peralatan yang dibekalkan semasa lawatan Audit pada 19 November 2011 adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 28.1



Ladang Milik Komuniti, Alor Gajah, Melaka - Mesin Hammer Mill, Model MHT 25Hp Bernilai RM25,538 Yang Dibekalkan (19.11.2011)

GAMBAR 28.2



Ladang Milik Komuniti, Alor Gajah, Melaka - Mesin Chopper Model MHT 8Hp Bernilai RM7,900 Yang Dibekalkan (19.11.2011)

c. Semakan Audit terhadap Projek Enjin Sangkut Inovasi yang bernilai RM100,000 kepada JKKK Kg. Bontoi di Tamparuli, Sabah, mendapati salah seorang penerima set enjin sangkut inovasi merupakan Pengerusi JKKK Kg. Bontoi. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada asas pemilihan calon penerima selaras dengan objektif program kerana laporan mengenainya tidak disediakan.

Pada pendapat Audit, MOSTI dan agensi yang dilantik seharusnya memastikan projek disalurkan untuk kegunaan komuniti yang layak dan bukannya diperoleh oleh komuniti/individu tertentu sahaja agar selaras dengan objektif asal program yang telah ditetapkan. Dalam mengambil kira asas/kriteria pemilihan, MOSTI seharusnya mengguna pakai maklumat pangkalan data mengenai golongan/komuniti miskin seperti eKasih yang dibangunkan di peringkat nasional bagi membantu merancang, melaksana dan memantau program kemiskinan.

Maklum Balas Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Sekiranya program ini diteruskan pada masa hadapan, pihak Kementerian akan mengambil kira penglibatan/pandangan agensi serta menggunakan data eKasih sebagai kriteria pemilihan untuk penerima teknologi. Selain itu, bagi menambah baik aspek pemantauan, pegawai dari Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan agensi lain yang berkaitan akan dilibatkan bagi tujuan tersebut.

28.5.2.2. Tadbir Urus Program

a. Permohonan dan Kelulusan Program

i. Semakan Audit mendapati Garis Panduan Permohonan tidak memperincikan klausa mengenai kelulusan projek yang melebihi kuantum pembiayaan serta kelulusan peruntukan tambahan bagi projek. Selain itu, sungguhpun klausa 7.3 ada menyatakan keperluan pemohon untuk menunjukkan bukti keupayaan kewangan sendiri selain peruntukan diterima daripada MOSTI untuk menampung projek, namun berdasarkan semakan Audit terhadap kelulusan permohonan, tiada bukti menunjukkan ia diambil kira di dalam proses tersebut.

ii. Merujuk kepada Garis Panduan Permohonan, pemilihan projek oleh entiti adalah berdasarkan kepada 36 teknologi yang disenaraikan. Sekiranya teknologi yang dipohon tidak tergolong dalam senarai teknologi yang dicadangkan, permohonan tersebut hendaklah melalui peringkat penilaian terlebih dahulu bagi memastikan ia memenuhi kriteria program yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati sungguhpun Projek Pintar *Learning* tidak tergolong dalam teknologi yang disenaraikan, namun tiada sebarang penilaian permohonan projek dibuat oleh Kementerian. Semakan selanjutnya mendapati tarikh kelulusan bagi 3 projek adalah lebih awal berbanding tarikh permohonan diterima. Manakala bagi satu projek di SK Karamunting, Batu Sapi, Sabah telah diluluskan pada 9 November 2010 tetapi tiada tarikh permohonan diterima. Butirannya adalah seperti berikut:

JADUAL 28.7
PROJEK YANG DILULUSKAN AWAL SEBELUM PERMOHONAN DITERIMA

KAWASAN	ENTITI	TARIKH TERIMA PERMOHONAN	TARIKH PROJEK DILULUSKAN
Gua Musang, Kelantan	S.K Tengku Muhammad Fakhry Petra S.K Gua Musang, S.K Lepan Jaya S.K Seri Wangi 1, S.K Pos Brooke	01.12.2010	09.11.2010
Batu Sapi, Sabah	SK Mawar, SK Pulau Sanghai SJK(C) Tai Tong	01.12.2010	09.11.2010
Sibu, Sarawak	SK Bawang Assan, SJKC Chung Hua SK Abang Ali	06.05.2010	11.04.2010

Pada pendapat Audit, MOSTI haruslah memastikan setiap permohonan dan kelulusan projek dijalankan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Maklum Balas Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Kelulusan 3 projek lebih awal dari tarikh permohonan diterima adalah disebabkan keperluan mendesak yang tidak dapat dielakkan.

b. Perjanjian Projek

Semakan Audit terhadap perjanjian projek mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

i. Mesyuarat Membincangkan Dokumen Perjanjian TAPMOSTI@COMMUNITY pada 21 September 2009 memutuskan dokumen perjanjian perlu diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu agar isi kandungan perjanjian dapat difahami oleh semua peringkat masyarakat. Semakan Audit terhadap perjanjian kontrak bagi projek di bawah Program TAPMOSTI@COMMUNITY mendapati semua

perjanjian yang dibuat antara MOSTI, agensi dan komuniti menggunakan Bahasa Inggeris sahaja.

ii. Bagi menjamin kepentingan Kerajaan, perjanjian antara agensi dan pembekal peralatan hendaklah dimeterai. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan berhubung perjanjian tersebut seperti berikut:

- MIGHT-METEOR tidak menyediakan perjanjian kontrak dengan pihak pembekal bagi tujuan pembelian peralatan. Agensi tersebut hanya mengeluarkan *Letter of Undertaking* kepada pembekal bagi tujuan penghantaran peralatan dan bayaran. Senarai pembekal peralatan yang terlibat adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.8
PEMBEKAL PERALATAN BAGI PROJEK DI BAWAH AGENSI MIGHT-METEOR

NAMA PEMBEKAL	KETERANGAN	AMAUN (RM)
Technology Explorer Sdn. Bhd.	Pembelian probiotik, *bio-bac* dan *d'kompos* bagi pembuatan makanan haiwan dari pelepah kelapa sawit.	50,000
Arena Cipta (M) Berhad	Pembelian peralatan Mesin *Hammer Mill*, pemotong daun sawit dan pemotong pelepah sawit.	175,000
Kausar Farm	Pembelian peralatan bagi prosesan minyak kelapa dara.	64,240
Yik Hong Engineering Works	Pembelian peralatan bagi pembuatan makanan haiwan dari pelepah kelapa sawit.	138,880
RRAS Bakti Trading	Pembelian bahan bagi penghasilan makanan haiwan dan baja organik.	173,838

- Perjanjian antara TPM dan TPM Engineering Sdn. Bhd. bagi tujuan pembekalan set enjin sangkut inovasi tidak disediakan. Pihak Audit juga tidak dapat memastikan sama ada *Letter of Undertaking* telah dikeluarkan kepada TPM Engineering Sdn. Bhd. kerana ia tidak dikemukakan kepada pihak Audit. Pihak Audit selanjutnya tidak dapat mengesahkan bilangan set enjin sangkut inovasi ini yang sepatutnya dibekalkan oleh TPM Engineering Sdn. Bhd. dengan kos pembelian peralatan berjumlah RM4,436,640 kerana tiada maklumat terperinci mengenainya.

Pada pendapat Audit, perjanjian kontrak perlu diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu bagi memastikan ia dapat difahami oleh semua lapisan masyarakat selaras dengan keputusan mesyuarat. Kementerian juga perlu memastikan terma dan syarat kontrak dipatuhi bagi memastikan kepentingan Kerajaan dan pihak yang memeterai perjanjian terjamin.

Maklum Balas Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Perjanjian kontrak yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu masih dalam peringkat semakan oleh Penasihat Undang-undang Kementerian (PUU).

c. Pembayaran Projek

i. Perenggan 4.0 Garis Panduan Permohonan Projek menyatakan bahawa kuantum pembiayaan yang diluluskan di bawah program ini adalah sebanyak RM150,000 bagi komuniti di kawasan Parlimen dan RM30,000 hingga RM50,000 bagi komuniti di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN). Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 61 (33.2%) daripada 184 projek

(meliputi 15 kawasan Parlimen dan 46 kawasan DUN) telah melebihi kuantum yang ditetapkan antara RM30,000 hingga RM150,000.

Maklum Balas Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Memandangkan sambutan yang memberangsangkan, Kementerian telah meneliti kos yang dipohon dan meminda kepada amaun mengikut keperluan sebenar komuniti seperti yang diluluskan. Kuantum baru telah ditetapkan pada tahap RM150,000 untuk kawasan Parlimen dan RM50,000 untuk kawasan DUN di Semenanjung serta RM100,000 untuk kawasan DUN di Sabah dan Sarawak (faktor jarak jauh dan kos pengangkutan). Pindaan turut dibuat di dalam Garis Panduan Permohonan Program TAPMOSTI@COMMUNITY dari segi kuantum permohonan.

ii. Garis Panduan Permohonan Projek antaranya menyatakan skop pembiayaan projek hanya merangkumi c*onsumables*/bahan-bahan; peralatan; perbelanjaan perkhidmatan (perunding dan pengujian); dokumentasi projek dan aplikasi demonstrasi (termasuk sampel, yuran dan dokumentasi penyertaan dalam pameran). Selain itu, Memo daripada Ketua Setiausaha MOSTI kepada Timbalan Menteri MOSTI bertarikh 27 Mei 2011 turut menyatakan skop pembiayaan program tidak merangkumi pembayaran gaji dan kos pentadbiran. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pembayaran gaji dan kos pentadbiran berjumlah RM1.04 juta masih dibuat. Ia juga tidak mendapat kelulusan MOSTI. Butirannya seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.9
PEMBAYARAN GAJI DAN KOS PENTADBIRAN

NAMA PROJEK	JUMLAH GAJI DAN KOS PENTADBIRAN (RM)	CATATAN
Program Latihan Dan *Internship* Bagi Pembangunan Kandungan Untuk Telefon Bimbit	47,339	Bayaran gaji dan elaun bagi Pengurus Projek bagi tempoh 4 bulan.
Enjin Sangkut Inovasi	993,710	Bayaran gaji pegawai kumpulan pengurusan TPM Corporation Sdn. Bhd.
JUMLAH	**1,041,049**	

Pada pendapat Audit, agensi pelaksana hendaklah memastikan kontraktor melaksanakan kerja yang telah diarahkan dengan sempurna seperti yang termaktub di dalam kontrak perjanjian. Selain itu, MOSTI juga hendaklah memastikan segala perbelanjaan yang dibuat oleh agensi dan kontraktor adalah selaras dengan Garis Panduan yang ditetapkan bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

iii. Perenggan 4.1.2 perjanjian antara Malaysian Herbal Corporation (MHC) dan Kazzponik Sdn. Bhd. menyatakan pembayaran yang dibuat adalah berdasarkan kepada peringkat kerja yang telah disiapkan. Semakan Audit mendapati sehingga 30 September 2011, 6 projek bernilai RM0.49 juta telah dibuat pembayaran walaupun pakej peralatan dan latihan herbaponik masih belum dibekalkan oleh pihak kontraktor. Semasa lawatan Audit ke JKKK Batu Gajah Pasir, Sungai Rambai, Melaka, pihak komuniti memaklumkan masih belum menerima sepenuhnya set herbaponik seperti biji benih, anak ikan (bagi tujuan menghalang pembiakan jentik-jentik di takungan) serta latihan sebagaimana

yang dinyatakan dalam invois. Bagaimanapun, pihak Audit menghadapi kesukaran mengesahkan jenis peralatan sebenar yang dibekalkan dan tarikh penerimaannya kerana Nota Penghantaran tidak disediakan oleh pembekal. Kesannya, hanya 160 daripada 208 takungan herbaponik yang dibekalkan telah digunakan. Selain itu, projek tersebut sukar diuruskan kerana tanaman herbaponik di kawasan tersebut adalah tidak sesuai kerana mudah dinaiki air dan berlumpur. Semakan Audit selanjutnya mendapati baucar bayaran yang telah disediakan oleh MHC tidak menyatakan butiran pembayaran projek yang terlibat dengan jelas dan terperinci. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat membuat pengesahan tarikh pembayaran terhadap 6 projek tersebut memandangkan MHC tidak lagi beroperasi disebabkan masalah kewangan. Keadaan projek untuk komuniti JKKK Batu Gajah Pasir, Sungai Rambai, Melaka adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 28.3



Agrotourism Park, Sg. Rambai, Batu Gajah Pasir, Melaka - Keadaan Tanah Yang Berlumpur Tidak Sesuai Digunakan Untuk Menimbuni Tanah Di Tapak Semaian (17.11.2011)

GAMBAR 28.4



Agrotourism Park, Sg. Rambai, Batu Gajah Pasir, Melaka - Anak Ikan Tidak Dibekalkan Seperti Di Dalam Kontrak Perjanjian (17.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Kelewatan penghantaran adalah berpunca daripada masalah dalaman yang dihadapi oleh MHC. Bagaimanapun, Kementerian telah melantik ANM untuk mengambil alih tugas MHC sebagai agensi pelaksana dan memantau projek herbaponik.

iv. Berdasarkan Garis Panduan Program, penyaluran peruntukan perlu dibuat kepada kolaborator/agensi pelaksana dan pihak komuniti hanya menerima teknologi yang dibekalkan. Semakan Audit mendapati penyaluran peruntukan telah dibuat oleh MOSTI secara terus kepada entiti bagi Projek Penghasilan Minyak Kelapa Dara di DUN Matunggong yang berjumlah RM100,000. Berdasarkan semakan di Kementerian, pembayaran ini dibuat kepada Syarikat JS Coconut Enterprise kerana pelaksanaan projek akan diuruskan sendiri oleh syarikat berkenaan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah sebenar perbelanjaan yang telah dibuat oleh syarikat tersebut memandangkan maklumat mengenainya tidak dapat dikemukakan oleh MOSTI bagi tujuan semakan.

v. Bagi projek K-Masjid di Masjid Jamek Paloh, pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai penyelaras bahawa penerimaan wang bagi penyelarasan projek ini serta pendapatan daripada K-Centre (komponen projek di bawah K-Masjid iaitu perkhidmatan Kafe Siber yang terletak di kawasan masjid) telah dimasukkan ke dalam akaun bank persendirian beliau. Pendapatan daripada caj sewaan

penggunaan internet dan peralatan ICT K-Centre serta jumlah sebenar perbelanjaan projek tidak dapat disahkan oleh pihak Audit kerana rekod berkenaannya tiada dalam simpanan beliau. Beliau memaklumkan kesemua rekod tersebut hilang pada 12 November 2011 dan laporan kehilangannya hanya dibuat pada 14 November 2011 iaitu sehari sebelum lawatan fizikal Audit dijalankan. Bagaimanapun berdasarkan pengesahan daripada agensi/ kolaborator projek, laporan kewangan tidak pernah disediakan dan dikemukakan oleh pegawai penyelaras K-Centre tersebut untuk semakan agensi sejak projek dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, penyimpanan wang di dalam akaun persendirian tanpa pemantauan berkala dari agensi pelaksana boleh mendedahkan kepada risiko penyelewengan.

Maklum Balas Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Agensi telah menyarankan supaya pegawai penyelaras ditukar. Namun, tindakan selanjutnya masih belum dibuat.

Pada pendapat Audit, agensi pelaksana hendaklah memastikan proses pembayaran perlu dibuat selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan. Pembayaran yang dibuat juga perlu meliputi skop kerja yang telah dilaksanakan dengan sempurna bagi memastikan komuniti mendapat manfaat daripada projek dan kepentingan Kerajaan terjamin. Selain itu, pegawai penyelaras hendaklah menyediakan rekod kewangan seperti yang ditetapkan.

d. Pengagihan Bekalan/Peralatan Kepada Komuniti

Semakan Audit terhadap pengagihan projek mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

i. Bagi Projek Enjin Sangkut Inovasi di JKKK Kg. Telok Bharu, Kg. Gajah, Teluk Intan, Perak yang bernilai RM50,000, adalah didapati enjin sangkut inovasi telah diserahkan kepada entiti pada 26 November 2010. Bagaimanapun, lawatan Audit pada bulan November 2011 mendapati enjin sangkut inovasi tersebut masih lagi belum diagihkan kepada penerima yang layak dan disimpan di Pejabat ADUN di Kg. Gajah, Perak (**Gambar 28.5**). Keadaan ini turut berlaku pada projek yang sama di Kg. Teluk Pasir Panjang, Port Dickson di mana 3 set enjin sangkut inovasi yang bernilai RM30,000 telah diterima oleh entiti pada Mei 2011 tetapi belum lagi diserahkan kepada komuniti dan masih disimpan di rumah Pengerusi JKKK Kg. Teluk Pasir Panjang. Pihak Audit dimaklumkan senarai penerima bagi enjin sangkut inovasi bagi kedua-dua projek ini masih lagi belum disediakan. Kelewatan penyerahan ini akan menyebabkan komuniti tidak dapat memanfaatkan tempoh waranti bagi peralatan tersebut.



GAMBAR 28.5

Pejabat ADUN Kampung Gajah, Perak - 4 Unit Enjin Bot Berserta Alat Kemudi Yang Belum Diagihkan Disimpan Di Dalam Stor Pejabat Adun Kg. Gajah (01.12.2011)

Maklum Balas Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Tindakan penyerahan peralatan bagi projek di Kg. Teluk Pasir Panjang, Port Dickson dan Kg. Telok Bharu telah dibuat antara bulan Disember 2011 hingga bulan April 2012. Selain itu, TPM turut mengeluarkan peringatan kepada pihak ADUN yang masih belum membuat agihan agar menyegerakan pengagihan enjin sangkut inovasi atau MOSTI akan menarik balik sumbangan tersebut.

ii. Bagi Projek Enjin Sangkut Inovasi yang diberikan kepada JKKK Kg. Rungkup Kecil, Bagan Datoh, Perak bernilai RM30,000, didapati satu daripada 3 set enjin sangkut inovasi yang telah diterima oleh entiti masih belum diagihkan kepada penerima yang layak. Berdasarkan temu bual dengan salah seorang penerima enjin sangkut inovasi mendapati penggunaan minyak petrol dapat dijimatkan berbanding enjin bot sangkut import. Bagaimanapun, masalah *overheat* kotak gear enjin tersebut mengakibatkan ianya mudah rosak. Selain itu, penerima juga menghadapi kesukaran mendapatkan alat ganti terutamanya setelah tamat tempoh waranti. Ini kerana alat ganti kipas alat kemudi enjin tersebut hanya boleh dibeli daripada TPM Engineering Sdn. Bhd. sahaja. Pihak Audit mendapati harga bagi kipas kemudi bagi enjin sangkut inovasi adalah lebih mahal iaitu RM360 seunit berbanding harga kipas bagi enjin sangkut import iaitu RM140.

Pada pendapat Audit, pengagihan peralatan kepada komuniti hendaklah dibuat dalam tempoh masa yang sewajarnya bagi memastikan komuniti mendapat manfaat daripada penggunaan teknologi tersebut dan sebarang kerosakan dapat dibaiki dalam tempoh waranti. Pembekalan peralatan yang tidak mengambil kira kos tambahan seperti kos tukar ganti peralatan yang mahal juga akan membebankan komuniti yang rata-ratanya daripada golongan yang kurang berkemampuan.

Maklum Balas Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Enjin sangkut inovasi yang masih belum diagihkan di Kg. Rungkup Kecil, Bagan Datoh, Perak telah diserahkan kepada penerima yang layak pada 25 April 2012.

28.5.2.3. Penggunaan Kemudahan/Teknologi Yang Dibekalkan

Semakan Audit terhadap penggunaan kemudahan/teknologi yang dibekalkan mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

a. Lawatan Audit ke 3 tapak Projek Herbaponik bernilai RM150,000 iaitu JKKK Batu Gajah Pasir, Sungai Rambai, Melaka; PDK Sri Pengasih Durian Tunggal, Melaka; dan Koperasi Belia Rakyat Kawasan Klawang, Jelebu mendapati peralatan hidroponik yang dibekalkan tidak digunakan bagi menanam pokok herba sebaliknya jenis tanaman yang diusahakan adalah sayur-sayuran. Ini adalah tidak bertepatan dengan objektif asal projek untuk melahirkan pengusaha/usahawan herba.

b. Bagi Projek Herbaponik bernilai RM50,000 di ladang milik penuh Koperasi Bela Rakyat (KOBERA), Kg. Purun, Kuala Klawang, Negeri Sembilan, adalah didapati 10 buah rumah peralatan hidroponik yang dibekalkan tidak dimanfaatkan penggunaannya di mana tiada sebarang aktiviti penanaman dijalankan dan peralatan tersebut tidak diurus dengan baik. Hasil lawatan Audit mendapati peralatan tersebut hanya diletakkan bersebelahan dengan tempat ternakan ayam yang turut dimiliki oleh KOBERA. Tapak projek tersebut hanya

dipertanggungjawabkan kepada seorang sahaja ahli komuniti yang mana beliau juga merupakan pekerja yang bertanggungjawab untuk ternakan ayam tersebut. Keadaan ini berlaku disebabkan kurangnya sambutan daripada penduduk setempat akibat masalah pemasaran hasil tanaman. Berdasarkan maklum balas daripada pihak KOBERA, sepanjang bulan Oktober 2010 hingga Ogos 2011 aktiviti penanaman hanya berjalan sebanyak 2 kali sahaja di mana tanaman menerusi kaedah ini secara puratanya boleh dilakukan sebanyak 1.5 kali sebulan atau 18 kali setahun. Keadaan projek herbaponik di Ladang KOBERA, Kuala Klawang adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 28.6



Ladang KOBERA, Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan - Keadaan Rumah Herbaponik Yang Tidak Digunakan Untuk Aktiviti Penanaman (29.11.2011)

GAMBAR 28.7



Ladang KOBERA, Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan - Penutup Takungan Herbaponik Yang Tidak Terurus (29.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Kajian semula sedang dilakukan terhadap projek termasuk analisis kos bagi projek akan datang. Selain itu, teknologi herbaponik ini telah digugurkan daripada senarai teknologi yang dicadangkan bagi program yang akan datang.

c. Beberapa peralatan Projek Enjin Sangkut Inovasi tidak dimanfaatkan sepenuhnya seperti berikut:

i. Bagi Projek Enjin Sangkut Inovasi di Jeti Pembangunan Masyarakat Nelayan, Pantai Siring, Kg. Pulai, Jasin, Melaka, adalah didapati 32 enjin RED1 bernilai RM214,577 yang telah dibekalkan kepada komuniti tersebut pada Januari 2010 tidak dapat digunakan dan telah dikembalikan kepada TPM Engineering Sdn. Bhd. (subsidiari TPM Corporation Sdn. Bhd. yang dipertanggungjawabkan menghasilkan inovasi alat kemudi enjin). Ini kerana enjin RED1 tidak sesuai digunakan oleh nelayan di kawasan tersebut. Bagaimanapun, penggantian enjin sangkut baru berjenama Suzuki berkeupayaan enjin 15HP yang dibeli di pasaran dengan penjimatan RM48,177 telah dibuat oleh TPM pada 15 Februari 2011 iaitu tarikh yang sama pengambilan Enjin RED1 dibuat. Butiran pembekalan enjin adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 28.10
PENGGANTIAN ENJIN SANGKUT INOVASI
DENGAN ENJIN SANGKUT JENAMA SUZUKI DI JASIN, MELAKA

JENAMA	SPESIFIKASI	KEUPAYAAN ENJIN	HARGA SEUNIT (RM)	BILANGAN UNIT YANG DIBEKALKAN	JUMLAH KOS (RM)	TARIKH AGIHAN/ PENYERAHAN
Enjin Bot Honda GX390 dengan Inovasi alat Kemudi Model RED1	4 *Stroke* enjin generator pelbagai guna *outboard unit, Air Cooled Gearbox*	13Hp	6,706	32	214,577	Januari 2010

JENAMA	SPESIFIKASI	KEUPAYAAN ENJIN	HARGA SEUNIT (RM)	BILANGAN UNIT YANG DIBEKALKAN	JUMLAH KOS (RM)	TARIKH AGIHAN/ PENYERAHAN
Suzuki DT15HP (L)	*2 Stroke outboard motor*	15Hp	5,200	32	83,200	13.02.2011 - 14.02.2011
Suzuki 15HP Thompson 20" (L)			5,200		83,200	15.02.2011 - 16.02.2011
PENJIMATAN KOS					**48,177**	

GAMBAR 28.8



Jeti Pantai Siring, Kg. Pulai, Jasin, Melaka - 2 Buah Bot Nelayan Pesisir Pantai Yang Menggunakan Enjin Suzuki 15Hp (19.11.2011)

GAMBAR 28.9



Jeti Pantai Siring, Kg. Pulai, Jasin, Melaka - Enjin Suzuki Yang Dibekalkan Menggantikan Enjin Bot Sangkut RED1 (19.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Kelulusan oleh Kementerian bagi penggantian enjin bot sangkut telah dikeluarkan.

ii. Bagi Projek Enjin Sangkut Inovasi di Kg. Kepayan 2 di bawah DUN Petagas, adalah didapati set enjin sangkut inovasi yang diterima pada 11 Mac 2011 tidak dapat digunakan kerana saiz alat kemudi tidak sesuai digunakan di kawasan tersebut. Sehubungan itu, TPM telah menggantikan alat kemudi sedia ada dengan alat kemudi yang bersaiz lebih pendek. Lawatan Audit mendapati alat kemudi yang bersaiz lebih pendek telah dipasang pada bot penerima, namun alat kemudi asal masih lagi disimpan di rumah penerima. Perkara yang sama turut berlaku di Kg. Rungkup Kecil, Bagan Datoh, Perak di mana satu set enjin sangkut inovasi tidak digunakan kerana tidak sesuai dengan saiz bot yang dimiliki tetapi set enjin sangkut inovasi tersebut masih lagi disimpan oleh penerima tersebut semasa lawatan Audit dibuat. Contoh alat kemudi dan enjin sangkut inovasi adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 28.10



Kg. Kepayan 2, Petagas, Sabah - Alat Kemudi Panjang Yang Dibekalkan Tidak Digunakan Dan Masih Lagi Disimpan Oleh Penerima (19.11.2011)

GAMBAR 28.11



Kg. Bagan Rungkup, Bagan Datoh, Perak - Enjin Sangkut Inovasi Dan Alat Kemudi Yang Disimpan Tidak Digunakan Oleh Nelayan (01.12.2011)

Maklum Balas Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Bagi projek di Kg. Kepayan 2, Petagas, enjin tersebut telah diambil semula oleh TPM pada 15 Mei 2012.

d. Beberapa peralatan/teknologi *K-Masjid* tidak dimanfaatkan sepenuhnya seperti berikut:

i. Bagi Projek *K-Masjid* di Masjid Al-Ikhsan, Kg. Sekendi, Sabak Bernam, Selangor; Masjid Jamek Kg. Kebatu, Sabah; Masjid Al-Husna, Bandar Tenggara, Johor dan Masjid Jamek Paloh, Johor yang keseluruhannya bernilai RM600,000, portal *K-Masjid* didapati tidak dikemas kini/tidak digunakan. Aplikasi e-khutbah bagi kesemua masjid tersebut juga didapati tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh entiti. Semakan Audit selanjutnya mendapati perancangan aktiviti/kursus yang melibatkan elemen ICT tidak dibuat bagi menjana sumber kewangan komuniti setempat seperti mana objektif utama program ini. Lawatan Audit di Masjid Al-Husna, Bandar Tenggara mendapati terdapat cek yang diserahkan kepada entiti bernilai RM2,700 tidak ditunaikan. Manakala keadaan *K-Centre* Masjid Jamek Paloh yang menempatkan 10 buah komputer didapati tidak diuruskan dengan baik seperti di gambar berikut:

GAMBAR 28.12



Masjid Jamek, Bandar Paloh, Johor
- Keadaan Printer Yang Berhabuk
(15.11.2011)

GAMBAR 28.13



Masjid Jamek, Bandar Paloh, Johor
- Keyboard Komputer Yang Diselaputi Habuk
(15.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Penggantian cek tamat tempoh telah dibuat pada bulan April 2012.

ii. Projek *K-Masjid* bagi Masjid Bandar Seri Jempol yang bernilai RM150,000 didapati tidak dapat dilaksanakan kerana tiada kerjasama dari Ahli Parlimen Jempol untuk menyediakan *K-Centre* bagi menempatkan peralatan ICT yang akan dibekalkan. Oleh itu, peralatan ICT bagi projek ini yang bernilai RM49,362 telah disimpan oleh pihak MIMOS Bhd. Kesannya, komuniti tidak dapat memanfaatkan penggunaan teknologi yang dibekalkan serta Kerajaan terpaksa menanggung kos pembaikan sekiranya berlaku kerosakan selepas tamat tempoh waranti peralatan. Keadaan peralatan ICT K-Masjid di Bandar Jempol yang masih disimpan di MIMOS Berhad, Bukit Jalil adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 28.14



MIMOS Bhd., Bukit Jalil
- Peralatan ICT K-Masjid Bandar Jempol Disimpan Di Bilik Pegawai
(20.10.2011)

GAMBAR 28.15



MIMOS Bhd., Bukit Jalil
- 10 Unit Komputer Dan Portable White Screen Bernilai RM27,944
(20.10.2011)

Maklum Balas Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Bagi mempertingkatkan penggunaan peralatan K-Masjid, agensi telah mengambil beberapa tindakan. Antaranya mengadakan siri program yang berkaitan/perjumpaan dengan pegawai penyelaras; mengadakan bengkel kepada komuniti untuk mengendalikan portal K-Masjid serta mengingatkan pegawai penyelaras melalui surat rasmi/e-mel agar menyelaras dan merancang aktiviti/program serta mengemukakan laporan secara konsisten kepadanya. Selain itu, bagi peralatan K-Masjid yang disimpan oleh MIMOS, ia akan diagihkan kepada entiti yang memerlukannya seperti sekolah.

e. Beberapa peralatan/teknologi Projek Penghasilan Minyak Kelapa Dara (VCO) tidak dimanfaatkan sepenuhnya seperti berikut:

i. Bagi projek VCO yang diusahakan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan Kota Belud (PPK) Sabah bernilai RM100,000, adalah didapati kebanyakan peralatan yang dibekalkan tidak digunakan/hanya disimpan di stor PPK dan baki peralatan yang lain didapati telah mengalami kerosakan. Manakala penapis air yang dibekalkan didapati tidak digunakan bagi tujuan pembuatan VCO sebaliknya telah dipasang di sinki dapur pejabat PPK untuk kegunaan harian pejabat. Semakan Audit selanjutnya terhadap rekod di MIGHT-METEOR mendapati hanya seorang peserta sahaja yang aktif di dalam pembuatan VCO dan *output* yang dihasilkannya kurang bermutu/tidak jernih. Ini disebabkan latihan yang bersesuaian tidak diberikan kepadanya serta terdapat masalah komitmen oleh entiti di mana peserta tidak diberikan kebenaran untuk menggunakan peralatan yang dibekalkan. Keadaan peralatan VCO adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 28.16



Pertubuhan Peladang, Kota Belud, Sabah
- Peralatan Mesin Pemarut Dan Perah Santan Manual Serta Mesin Pemerah Santan Elektrik Model CME1500 2HP Bernilai RM20,230 Yang Tidak Digunakan Dan Disimpan Di Dalam Stor
(10.11.2011)

GAMBAR 28.17



Pertubuhan Peladang, Kota Belud, Sabah
- Penapis Air Yang Dipasang Di Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan Kota Belud Untuk Kegunaan Seharian
(10.11.2011)

ii. Lawatan Audit terhadap Projek VCO bernilai RM150,000 yang diusahakan oleh Pertubuhan Peladang kawasan Pitas mendapati 5 daripada 13 unit peralatan yang dibekalkan bagi pemprosesan VCO belum digunakan oleh komuniti dan telah disimpan sementara di kediaman individu di Kg. Datong dan Kg. Kerasek. Ini disebabkan tempat pemprosesan baru yang terletak di Kg. Kalumpang, Pitas masih belum boleh digunakan. Manakala satu peralatan yang lain iaitu penapis air telah digunakan untuk kegunaan harian komuniti dan baki 7 peralatan yang lain tidak dapat dipastikan lokasi sebenar ia disimpan. Keadaan peralatan VCO adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 28.18



Kg. Kerasek, Pitas, Sabah
- Mesin Pemerah Kelapa Manual
Bernilai RM2,700 Disimpan Di
Rumah Penduduk Kampung
(10.11.2011)

GAMBAR 28.19



Kg. Kerasek, Pitas, Sabah
- Mesin Pemerah Kelapa (2Hp)
Bernilai RM14,500 Disimpan Di
Rumah Penduduk Kampung
(10.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Perjumpaan antara agensi dan komuniti telah diadakan pada bulan Januari 2012 bagi membincangkan permasalahan berhubung pelaksanaan projek VCO.

f. Bagi Projek Alat *Decarboniser* di Kawasan Parlimen Dungun bernilai RM250,000, 8 daripada 50 unit alat *decarboniser* yang telah dibekalkan kepada entiti masih belum digunakan dan hanya disimpan di dalam stor pejabat Persatuan Nelayan, Kompleks LKIM Kuala Dungun, Terengganu. Manakala 2 unit tidak dapat digunakan lagi dan baki 40 unit yang lain tidak dapat dipastikan status penggunaannya. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada komuniti, teknologi yang dibekalkan tidak mesra pengguna. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti tidak tahan lama; tidak mesra pengguna; perlu kerap disenggara dan reka bentuk tidak sesuai. Antara alat *decarboniser* yang disimpan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 28.20



Kompleks LKIM, Kuala Dungun, Terengganu
- Water Reservoir Dan Electrolyzer Unit
Bernilai RM5,000 Seunit Tidak Digunakan
(22.11.2011)

GAMBAR 28.21



Kompleks LKIM, Kuala Dungun, Terengganu
- 8 Unit Alat Decarboniser Yang Masih Disimpan
Di Dalam Stor Pejabat Persatuan Nelayan, Dungun
(22.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

TPM telah mengambil kembali 8 unit alat decarboniser yang belum diserahkan untuk diagihkan terus kepada penerima yang dikenal pasti dan layak pada 1 Jun 2012. Manakala 2 unit alat decarboniser yang rosak juga telah diambil untuk kerja pembaikan.

g. Bagi Projek Pintar *Learning* bernilai RM180,000 yang telah diluluskan di Kawasan Parlimen Hulu Selangor, ianya telah dijalankan di 4 buah sekolah iaitu di SK Kerling, SJKC Kalumpang, SK Kalumpang dan SJKT Ladang Kerling. Bagaimanapun, adalah didapati peralatan yang dibekalkan tidak digunakan di SK Kalumpang dan SJKC Kalumpang disebabkan tenaga pengajar tidak tahu menggunakan peralatan/teknologi yang dibekalkan dan pihak sekolah masih lagi menggunakan peralatan sedia ada/lama. Selain itu, bagi SJKC Kalumpang antara faktor peralatan tidak digunakan adalah disebabkan tiada tempat yang sesuai untuk peralatan tersebut dipasang.

Maklum Balas Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Latihan tambahan kepada guru di SK Kalumpang telah diadakan pada 11 Januari 2012. Pihak sekolah juga telah menggunakan sepenuhnya peralatan yang dibekalkan bagi membantu urusan pembelajaran dan pengajaran.

Pada pendapat Audit, bagi memastikan kesesuaian projek terhadap komuniti, agensi pelaksana yang berkaitan/MOSTI hendaklah membuat kajian awal sebelum melaksanakan sesuatu projek. Kajian semula terhadap projek yang telah dilaksanakan juga perlu dibuat bagi memastikan projek yang dijalankan adalah selaras dengan objektif program. Ini bagi memastikan teknologi yang diberikan dapat dimanfaatkan oleh komuniti dan Kerajaan mendapat *value for money*.

28.5.3. Pemantauan

Garis Panduan Permohonan TAPMOSTI@COMMUNITY menetapkan bahawa pemantauan hendaklah dibuat oleh agensi Kementerian yang terlibat di dalam pelaksanaan projek dan hendaklah melaporkan pelaksanaan projek secara berkala. Hasil semakan Audit terhadap Program TAPMOSTI@COMMUNITY mendapati kelemahan di peringkat pemantauan projek di peringkat agensi yang terlibat dan MOSTI seperti berikut:

28.5.3.1. Malaysian Herbal Corporation (MHC) didapati tidak menjalankan tugasnya sebagai agensi pemantau. Sebagai contoh, berdasarkan lawatan Audit bagi Projek Herbaponik di beberapa lokasi, komuniti memaklumkan bahawa mereka tidak pernah berjumpa/mendapatkan khidmat nasihat daripada wakil MHC sehingga tarikh pengauditan dijalankan. Lanjutan daripada keputusan Perbincangan Pelaksanaan Projek Herbaponik bersama Pengerusi Eksekutif MHC pada 25 April 2011, MOSTI telah mengarahkan agar MHC mengembalikan semula peruntukan berjumlah RM610,000 yang telah disalurkan bagi tujuan pelaksanaan projek dalam masa 3 bulan daripada tarikh surat MOSTI pada bulan Jun 2011. Bagaimanapun, sehingga pengauditan dijalankan, MHC masih lagi gagal untuk mengembalikan peruntukan tersebut. Selanjutnya atas cadangan daripada Penasihat Undang-undang MOSTI, notis tuntutan terhadap MHC ada dikemukakan dan agensi tersebut perlu mengembalikan peruntukan

tersebut sebelum/pada 6 Disember 2011. Pada 16 Disember 2011 pula MHC telah memohon lanjutan masa daripada MOSTI selama 6 bulan kerana masalah kewangan yang dihadapi oleh MHC.

Maklum Balas Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Hasil daripada perbincangan bersama, Kementerian bersetuju untuk memberi pelanjutan tempoh selama 6 bulan kepada MHC untuk mengembalikan semula peruntukan yang telah disalurkan iaitu sehingga bulan Jun 2012.

28.5.3.2. Pada umumnya, pemantauan projek sama ada di peringkat Kementerian mahupun agensi masih perlu dipertingkatkan. Ini kerana berdasarkan Minit Mesyuarat berhubung pemantauan Program TAPMOSTI@COMMUNITY yang disediakan di kedua-dua peringkat tersebut, masalah berhubung pelaksanaan program tidak dibincangkan secara komprehensif dan berterusan sehingga penyelesaian terhadap sesuatu masalah dibuat. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada lawatan ke tapak projek telah dilakukan oleh Agensi/Kementerian kerana laporan yang berkaitan tidak dikemukakan/disediakan.

Pada pendapat Audit, agensi pelaksana yang berkaitan/MOSTI hendaklah membuat pemantauan berkala ke tapak projek serta memastikan sebarang masalah pelaksanaan projek diambil tindakan segera bagi memastikan projek yang dirancang dapat dilaksanakan seperti mana objektif yang ditetapkan.

Maklum Balas Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Beberapa tindakan telah dibuat selepas teguran Audit bagi menambah baik pemantauan projek sedia ada, antaranya seperti pemantauan oleh agensi pelaksana bersama Jawatankuasa Pemantau serta pelaporan status pelaksanaan projek dalam Mesyuarat Pengurusan TAPMOSTI@COMMUNITY.

28.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan program TAPMOSTI@COMMUNITY, adalah disyorkan supaya pihak yang berkaitan mempertimbangkan perkara berikut:

28.6.1. MOSTI dan agensi yang dilantik seharusnya memastikan projek disalurkan untuk kegunaan komuniti yang layak dan bukannya diperoleh oleh komuniti/individu tertentu sahaja agar selaras dengan objektif asal program yang telah ditetapkan. Dalam mengambil kira asas/kriteria pemilihan, Kementerian seharusnya mengguna pakai maklumat pangkalan data mengenai golongan/komuniti miskin seperti eKasih yang dibangunkan di peringkat nasional bagi membantu merancang, melaksana dan memantau program kemiskinan.

28.6.2. MOSTI hendaklah memastikan perjanjian kontrak diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu supaya ia dapat difahami oleh semua lapisan komuniti serta selaras dengan keputusan mesyuarat. MOSTI juga perlu memastikan terma dan syarat kontrak dipatuhi.

28.6.3. Agensi pelaksana hendaklah memastikan proses pembayaran dibuat selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan. Pembayaran yang dibuat juga perlu hanya meliputi skop kerja yang telah dilaksanakan dengan sempurna bagi memastikan komuniti mendapat manfaat daripada projek dan kepentingan Kerajaan terjamin.

28.6.4. Agensi pelaksana hendaklah memastikan pengagihan peralatan kepada komuniti hendaklah dibuat dalam tempoh masa yang sewajarnya supaya komuniti mendapat manfaat daripada penggunaan teknologi tersebut dan sebarang kerosakan dapat dibaiki dalam tempoh waranti.

28.6.5. Bagi memastikan kesesuaian projek terhadap komuniti, agensi pelaksana yang berkaitan/MOSTI hendaklah membuat kajian awal sebelum melaksanakan sesuatu projek. Kajian semula terhadap projek yang telah dilaksanakan juga perlu dibuat bagi memastikan projek yang dijalankan adalah selaras dengan objektif program.

28.6.6. Agensi pelaksana yang berkaitan/MOSTI juga hendaklah membuat pemantauan berkala ke tapak projek serta memastikan sebarang masalah pelaksanaan projek diambil tindakan segera bagi memastikan projek yang dirancang dapat dilaksanakan seperti mana objektif yang ditetapkan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 207-218
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

29. JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA
- PEMBINAAN KUARTERS, STESEN DAN PEJABAT

29.1. LATAR BELAKANG

29.1.1. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) telah merancang projek pembinaan kuarters, stesen dan pejabat serta pembelian peralatan bagi kegunaan JMM. Ini bertujuan untuk meningkatkan serta menambah baik perkhidmatan/kemudahan yang ditawarkan kepada pelanggan dan staf JMM. Untuk itu, Kerajaan Persekutuan di bawah RMKe-9 telah meluluskan siling peruntukan sejumlah RM156 juta bagi 47 projek di mana 30% atau 63.8% melibatkan projek fizikal dan selebihnya adalah bagi peralatan. Bagi projek fizikal, ianya adalah bagi membina/menaik taraf kuarters, stesen dan pejabat yang meliputi 12 lokasi di seluruh negara dengan peruntukan berjumlah RM62.35 juta.

29.1.2. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Kementerian) telah menetapkan agar projek fizikal dilaksanakan secara konvensional dan **Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai agensi pelaksana**. Kesemua projek ini telah diserahkan kepada JKR di mana JKR Cawangan Kerja Keselamatan bertanggungjawab dalam mengendalikan projek yang dijalankan di Semenanjung Malaysia. Manakala bagi projek di Sabah dan Sarawak, ia diserah dan dikendalikan oleh JKR negeri tersebut. Proses tender telah dibuat di Ibu Pejabat JKR dan JKR Negeri, manakala JKR Negeri/Daerah berperanan sebagai Pegawai Penguasa/Wakil Pegawai Penguasa.

29.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pembinaan kuarters, stesen dan pejabat JMM telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

29.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pembinaan kuarters, stesen dan pejabat JMM bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan telah dijalankan di JMM dan Ibu Pejabat JKR (Unit Cawangan Keselamatan, Bahagian Arkitek, Ukur Bahan, Sivil Dan Struktur); JKR Negeri (Pahang dan Kelantan); JKR Daerah (Rompin, Miri dan Kuala Krai) serta 6 stesen/pejabat JMM iaitu di Rompin, Pahang; Miri, Sarawak; Kuala Krai, Kelantan; dan Gong Kedak, Terengganu seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.1
SENARAI PROJEK YANG DIPILIH

PROJEK	KONTRAKTOR	TEMPOH KONTRAK	NILAI ASAL KONTRAK (RM Juta)
Pembinaan Pejabat Meteorologi Pangkalan TUDM, Gong Kedak, Terengganu	HB Holding Sdn. Bhd.	52 Minggu	3.39
Pembinaan Pejabat Dan Kuarters Meteorologi, Kuala Krai, Kelantan	Aneka Wangsa Sdn. Bhd.	52 Minggu	3.07
Pembinaan Stesen Meteorologi, Miri, Sarawak	Kreatif Muda Sdn. Bhd.	12 Bulan	1.56
Pembinaan Stesen Meteorologi Radar, Miri, Sarawak	Hanslink Construction Sdn. Bhd.	10 Bulan	0.94

PROJEK	KONTRAKTOR	TEMPOH KONTRAK	NILAI ASAL KONTRAK (RM Juta)
Pembinaan Kuarters Meteorologi, Muadzam Shah, Pahang	Raywa Engineering Sdn. Bhd. (Kontraktor Pertama) Kiara Bina Sdn. Bhd. (Kontraktor Penyelamat)	52 Minggu 32 Minggu	0.74 0.73
Pembinaan Kuarters Meteorologi, Miri, Sarawak	Aidyl Engineering Sdn. Bhd.	10 Bulan	0.55
JUMLAH			**10.98**

29.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pembinaan kuarters, stesen dan pejabat JMM; lawatan ke lokasi projek; dan temu bual dengan pegawai berkaitan juga telah diadakan.

29.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2011 mendapati pengurusan pembinaan kuarters, stesen dan pejabat JMM adalah memuaskan dan mencapai objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan iaitu:

i. kelemahan perancangan projek;
ii. kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak sesuai/tidak lengkap/tidak mengikut spesifikasi; dan
iii. kerja tidak berkualiti.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang diperhatikan dan maklum balas JMM adalah seperti di perenggan berikut:

29.5.1. Prestasi Projek

29.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

Berdasarkan kontrak, tarikh penyiapan bagi 6 projek adalah antara 32 hingga 52 minggu. Semakan Audit mendapati 4 daripada 6 projek tersebut gagal disiapkan mengikut tarikh siap asal dengan kelewatan antara 43 hingga 225 hari. Manakala penyerahan projek secara rasmi hanya dibuat antara 61 hingga 174 hari dari tarikh projek disiapkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.2
KEDUDUKAN PENYIAPAN DAN PENYERAHAN PROJEK

PROJEK	TARIKH MILIK TAPAK	TARIKH SIAP ASAL	TARIKH SIAP SEBENAR	LEWAT SIAP (Hari)	TARIKH PENYERAHAN	LEWAT SERAH (Hari)
Pembinaan Kuarters Meteorologi, Muadzam Shah, Pahang	01.12.2008	20.09.2009	Kontraktor Pertama Ditamatkan	-	Kontraktor Pertama Ditamatkan	-
	24.03.2010	02.11.2010	15.12.2010	43	21.03.2011	96
Pembinaan Stesen Meteorologi, Miri, Sarawak	24.12.2008	07.09.2010	19.11.2010	73	11.02.2011	61
Pembinaan Kuarters Meteorologi, Miri, Sarawak	07.09.2007	06.07.2008	06.07.2008	-	09.09.2008	65
Pembinaan Pejabat Dan Kuarters Meteorologi, Kuala Krai, Kelantan	11.08.2008	10.08.2009	23.12.2009	135	15.06.2010	174
Pembinaan Pejabat Meteorologi Pangkalan TUDM, Gong Kedak, Terengganu	01.12.2008	30.11.2009	14.07.2010	225	20.12.2010	161

Maklum Balas Jabatan Meteorologi Malaysia Yang Diterima Pada 29 Mei 2012

JKR memaklumkan antara sebab kelewatan penyerahan projek adalah kelewatan penyaluran bekalan elektrik, air dan talian telefon serta kerja pengujian dan pentauliahan oleh kontraktor.

Pada pendapat Audit, JKR perlu mengambil tindakan tegas dalam memastikan kontraktor melaksanakan kerja mengikut jadual. JKR juga hendaklah meminimumkan tempoh masa yang diambil untuk menyerahkan projek kepada pelanggan agar Tempoh Tanggungan Kecacatan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelanggan.

29.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

Di bawah RMKe-9, JMM telah diperuntukkan sejumlah RM62.35 juta bagi membina/menaik taraf 30 kuarters, stesen dan pejabat JMM yang meliputi 12 lokasi di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, RM55.89 juta telah dibelanjakan. Manakala bagi 6 projek yang diaudit, jumlah perbelanjaan setakat akhir bulan Disember 2011 adalah RM13.08 juta (92.4%) berbanding peruntukan berjumlah RM14.16 juta. Perbelanjaan ini termasuk kos pengambilan tanah. Status perbelanjaan sebenar berbanding peruntukan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK PEMBINAAN/NAIKTARAF KUARTERS, STESEN DAN PEJABAT JMM SETAKAT BULAN DISEMBER 2011

PROJEK	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
Pembinaan Pejabat Dan Kuarters Meteorologi, Kuala Krai, Kelantan	3.94	3.93	99.7
Pembinaan Pejabat Meteorologi Pangkalan TUDM, Gong Kedak, Terengganu	4.70	4.11	87.4
Pembinaan Stesen Meteorologi, Miri, Sarawak	2.61	2.28	87.4
Pembinaan Kuarters Meteorologi, Muadzam Shah, Pahang	1.11	1.07	96.4
Pembinaan Stesen Meteorologi Radar, Miri, Sarawak	1.80	1.69	93.9
Pembinaan Kuarters Meteorologi, Miri, Sarawak			
JUMLAH	**14.16**	**13.08**	**92.4**

Sumber: SPP II, Jabatan Meteorologi Malaysia

29.5.1.3. Pencapaian *Outcome* Projek

Semakan Audit mendapati JMM telah menetapkan KPI bagi projek pembinaan kuarters, stesen dan pejabat berdasarkan objektif pembinaan yang telah ditetapkan. Penilaian berkala juga telah dibuat bagi mengetahui status pencapaian semasa KPI jabatan. Berdasarkan laporan pencapaian KPI yang disediakan, adalah didapati bagi tahun 2011 JMM telah berjaya mencapai KPI yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pencapaian *outcome* projek adalah baik.

29.5.2. Pengurusan Pembinaan

29.5.2.1. Perjanjian Kontrak

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. Semakan Audit mendapati kontrak bagi projek Pembinaan Pejabat Meteorologi

Pangkalan TUDM, Gong Kedak lewat ditandatangani 183 hari sungguhpun 7 surat peringatan telah dikemukakan kepada kontraktor. Manakala bagi projek Pembinaan Pejabat Meteorologi Malaysia Kuala Krai, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada perjanjian ditandatangani dalam tempoh ditetapkan kerana tarikh menandatangani kontrak tidak dinyatakan.

Pada pendapat Audit, JKR hendaklah memastikan kontrak ditandatangani dalam tempoh masa yang telah ditetapkan demi menjaga kepentingan Kerajaan.

29.5.2.2. Pentadbiran Kontrak

a. Arahan Perubahan Kerja

i. Arahan Perubahan Kerja (APK) hanya akan dikeluarkan sekiranya terdapat sebarang perubahan daripada perjanjian kontrak berkaitan dengan pelan, spesifikasi atau senarai kuantiti. Bagi 6 projek yang disemak, 3 daripadanya melibatkan APK dengan peningkatan kos antara 5.9% hingga 9.6% daripada nilai kontrak asal. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.4
ARAHAN PERUBAHAN KERJA BAGI 3 PROJEK

PROJEK	TARIKH TAMAT KONTRAK*	ARAHAN PERUBAHAN KERJA				NILAI KONTRAK		APK (%)
		BIL.	TARIKH PERMOHONAN	TARIKH LULUS	NILAI (RM)	ASAL (RM Juta)	SEMASA (RM Juta)	
Stesen Meteorologi Radar Miri, Sarawak	18.07.2009	1	19.09.2008	25.11.2008	30,573	0.94	1.03	9.6
		2	19.09.2008	02.03.2009	23,788			
		3	19.09.2008	08.05.2009	38,984			
		Jumlah Kecil			**93,345**			
Pejabat Dan Kuarters Meteorologi, Kuala Krai, Kelantan	02.12.2009	1	10.03.2009	26.08.2009	189,093	3.07	3.29	7.2
		2	12.05.2009	26.08.2009	31,888			
		3	03.11.2009	16.12.2009	5,244			
		Jumlah Kecil			**226,225**			
Pejabat Meteorologi Pangkalan TUDM, Gong Kedak, Terengganu	14.07.2010	1	26.09.2010	18.10.2010	9,344	3.39	3.59	5.9
		2	22.11.2010	02.12.2010	9,634			
		3	02.12.2010	13.12.2010	7,154			
		4	02.12.2010	13.12.2010	39,277			
		5	13.12.2010	23.12.2010	22,832			
		6	16.12.2010	23.12.2010	50,327			
		7	16.12.2010	23.12.2010	57,442			
		8	16.12.2010	23.12.2010	6,772			
		Jumlah Kecil			**202,782**			

Nota: ***(*) - Termasuk Lanjutan Masa***
TM - Tiada Maklumat

ii. Perubahan Kerja hendaklah dimohon dan diluluskan dalam tempoh kontrak. Semakan Audit terhadap projek Pembinaan Pejabat Meteorologi Pangkalan TUDM, Gong Kedak mendapati kesemua APK telah dimohon dan diluluskan selepas tarikh siap kontrak (termasuk EOT). Manakala bagi projek Pembinaan Pejabat dan Kuarters Meteorologi Kuala Krai adalah didapati satu APK telah diluluskan selepas tarikh siap kontrak (termasuk EOT).

b. Lanjutan Masa

i. Syarat kontrak antaranya menyatakan sekiranya kontraktor menjangkakan akan berlaku kelewatan dalam penyiapan projek atas faktor di luar kawalannya, kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Penguasa notis permohonan Lanjutan Masa (EOT) secara bertulis. Semakan Audit mendapati

4 projek telah diluluskan EOT antara 43 hingga 225 hari iaitu 12.3% hingga 61.6% daripada tempoh asal kontrak. Antara sebab EOT tersebut diluluskan adalah kerana pertukaran skop kerja semasa dalam pelaksanaan kerja; perubahan tapak projek; kesukaran memperoleh bahan binaan; dan keadaan cuaca yang tidak menentu. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.5
LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

PROJEK	TEMPOH SIAP ASAL (Hari)	LANJUTAN MASA				KESELURUHAN (Hari)
		BIL.	TEMPOH	HARI	(%)	
Pembinaan Kuarters Meteorologi, Muadzam Shah, Pahang	364	TB	TB	TB	TB	TB
	224	1	02.11.2010 - 15.12.2010	43	19.2	267
Pembinaan Stesen Meteorologi, Miri, Sarawak	365	1	07.09.2010 - 21.10.2010	45	12.3	410
Pembinaan Pejabat Dan Kuarters Meteorologi, Kuala Krai, Kelantan	365	1	11.08.2009 - 08.12.2009	120	32.9	485
Pembinaan Pejabat Meteorologi Pangkalan TUDM, Gong Kedak, Terengganu	365	1	01.12.2009 - 22.03.2010	111	61.6	590
		2	22.03.2010 - 14.07.2010	114		

Nota: ***TB - Tidak Berkaitan Kerana Kontraktor Pertama Ditamatkan***

ii. Permohonan EOT perlu diluluskan sebelum berakhirnya tarikh penyiapan yang dibenarkan di dalam kontrak. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara seperti berikut:

- Bagi projek Pembinaan Pejabat Meteorologi Pangkalan TUDM, Gong Kedak, kontraktor telah mengemukakan permohonan EOT sebanyak 2 kali iaitu pada 9 Ogos 2009 dan 3 Februari 2010. Bagaimanapun, kelulusan EOT Kedua hanya diperoleh pada 6 April 2010 iaitu selepas tamat tempoh EOT Pertama pada 22 Mac 2010.

- Bagi projek Pembinaan Stesen Meteorologi Miri, kontraktor telah memohon EOT pada 2 Ogos 2010. Bagaimanapun, kelulusan lanjutan masa ini hanya diperoleh pada 23 Disember 2010 iaitu selepas tamat tarikh siap asal kontrak pada 7 September 2010.

Maklum Balas Jabatan Meteorologi Malaysia Yang Diterima Pada 29 Mei 2012

JKR memaklumkan bahawa kelulusan EOT mengambil masa yang lama kerana proses kelulusan dilakukan oleh Ibu Pejabat JKR. Maklumat yang dikemukakan oleh kontraktor adalah tidak lengkap dan tepat sehingga berulangkali perlu diperbetulkan sebelum mendapat kelulusan Ibu Pejabat JKR.

Pada pendapat Audit, kelulusan EOT kepada kontraktor selepas tamat tempoh kontrak adalah tidak teratur.

c. Perakuan Siap Kerja

Perakuan Siap Kerja akan dikeluarkan oleh JKR kepada kontraktor apabila kerja telah siap sepenuhnya dan bangunan boleh digunakan dan memenuhi kriteria sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam kontrak. Selaras dengan syarat kontrak, kontraktor hendaklah mengemukakan notis bertulis yang menyatakan bahawa kerja di tapak telah disiapkan dengan sempurna kepada Pegawai

Penguasa. Pegawai Penguasa hendaklah dalam masa 14 hari mengadakan pemeriksaan bersama dengan kontraktor sebelum memperakukannya. Semakan Audit mendapati bagi projek Pembinaan Pejabat Meteorologi Kuala Krai, kontraktor telah menghantar notis pemberitahuan siap kerja pada 30 Disember 2009. Namun, adalah didapati JKR telah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja pada 5 Januari 2010 yang berkuat kuasa pada 23 Disember 2009 di mana ianya lebih awal dari tarikh siap yang dimaklumkan oleh kontraktor pada 30 Disember 2009.

Maklum Balas Jabatan Meteorologi Malaysia Yang Diterima Pada 29 Mei 2012

JKR memaklumkan kerja kontraktor utama, elektrik dan mekanikal telah disiapkan sepenuhnya pada tarikh Perakuan Siap Kerja berkuat kuasa.

Pada pendapat Audit, Pegawai Penguasa hendaklah memastikan Perakuan Siap Kerja hanya dikeluarkan selaras dengan syarat kontrak bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

d. Bayaran Kepada Kontraktor

Semakan Audit terhadap bayaran kepada kontraktor mendapati bagi projek Pembinaan Pejabat Meteorologi Pangkalan TUDM Gong Kedak, bayaran interim bilangan 9, 10 dan 11 dibuat antara bulan Disember 2009 hingga Februari 2010 sungguhpun kontraktor tidak memperbaharui lesen pendaftarannya dengan Pusat Khidmat Kontraktor. Semakan dengan Pusat Khidmat Kontraktor mengesahkan kontraktor berkenaan tidak memperbaharui lesennya yang tamat pada 20 Ogos 2009.

e. Kerja Membaiki Kecacatan

Kontraktor bertanggungjawab untuk memastikan kecacatan yang dikenal pasti dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan diperbaiki tanpa melibatkan kos tambahan kepada Kerajaan. Kecacatan tersebut perlu direkodkan tarikh dan jenis kerosakan serta dilaporkan kepada pihak kontraktor bagi tujuan pembaikan. Semakan Audit mendapati terdapat kecacatan yang telah dilaporkan sepanjang Tempoh Tanggungan Kecacatan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada kerja pembaikan telah dibuat oleh kontraktor terhadap kecacatan yang dilaporkan sepanjang Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi 2 daripada 6 tapak projek yang dilawati memandangkan tiada laporan pembaikan disediakan. Butiran kecacatan kerja tersebut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 29.6
ANTARA KECACATAN KERJA YANG DILAPORKAN DALAM TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN


PROJEK	LOKASI	KETERANGAN KECACATAN KERJA
Pembinaan Stesen Meteorologi Radar, Miri, Sarawak	Stesen	• Cat bangunan/dinding papan tanda yang pudar. • Siling bocor. • Pengubahsuaian tingkap di pondok penjaga. • Pembaikan *'Spot-light'*.
Pembinaan Pejabat Meteorologi Pangkalan TUDM, Gong Kedak, Terengganu	Pejabat	• Kebocoran siling berhampiran *Ceiling Cassette Aircond* boleh menyebabkan kerosakan kepada penghawa dingin yang dipasang di Bilik Pegawai C52. **(Gambar 29.1)** • Kerosakan siling di Bilik Ketua Penolong Pengarah dan tandas lelaki. • Kerosakan tingkap atas di sudut antara dinding dan besi tangga. • Air bertakung atau berlopak di antara *MET Farm* dan bangunan baru. • Air bertakung dalam bilik AHU (suis *aircond* utama) - renjatan air melalui dinding. • Tingkap rosak di Bilik Pustakawan. • Kerosakan kunci di Bilik Pustakawan dan Bilik MDF dan PABX, Bilik Pusat Sumber. • Tingkap tidak dapat ditutup/buka di Bilik Pustakawan dan bilik air perempuan. • *Exzos fan* tidak berfungsi di bilik rehat lelaki dan perempuan serta bilik solat perempuan.

PROJEK	LOKASI	KETERANGAN KECACATAN KERJA
		• Pintu bilik elektrik tidak boleh ditutup rapat dan mangga rosak. • Paip bilik mandi tandas lelaki tidak dapat ditutup dengan sempurna. • Pintu Pusat Sumber, Bilik Pustakawan, Bilik AHU dan Bilik Elektrikal sukar ditutup/buka. • *Kerb* jalan hilang atau cat pudar. • Penutup longkang tidak dipasang dengan kemas. • Dinding bata di dalam kabinet pantri tidak di *plaster*. • Tanah *slope* mendap dan berlubang luas. • Bingkai longkang dalam kawasan TUDM tidak kemas/tidak siap. • Air kondensasi di Bilik UPS. • Tempat pintu lama ke kabin di pagar TUDM tiada kawat berduri. • Batu besar bersebelahan pagar TUDM perlu dibersihkan. • Pintu pagar perlu dipasang pemegang kunci pada kedua-dua belah tiang. • Longkang besar di hadapan bangunan ke TUDM tiada jejari longkang. • Tiada paip air buangan sistem kumbahan di luar bangunan. • Bumbung *porch* hadapan tidak dipasang mengikut spesifikasi (pelan JKR). • Ruangan pasir di hadapan kanan pejabat perlu ditutup dengan konkrit. • Posisi kunci di pintu ke *Met Farm* dan Bilik Utiliti dipasang terbalik. • Tiada kunci tingkap/pegang di Bilik Server, Bilik Pustakawan, Bilik Air Lelaki dan Perempuan.

Sumber: ***Laporan Kecacatan Daripada Jabatan Meteorologi Malaysia***

GAMBAR 29.1


SEBELUM



Bilik Pegawai C52, Pejabat Meteorologi Pangkalan TUDM, Gong Kedak
- Kebocoran Siling Berhampiran Ceiling Cassette Aircond Boleh Menyebabkan Kerosakan Kepada Unit Penghawa Dingin Yang Dipasang (21.07.2011)

GAMBAR 29.2

SELEPAS



Bilik Pegawai C52, Pejabat Meteorologi Pangkalan TUDM, Gong Kedak
- Siling Berhampiran Ceiling Cassette Aircond Telah Dibaiki Setelah Teguran Audit
(Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia)

Pada pendapat Audit, JMM hendaklah memastikan kerosakan yang dilaporkan diambil tindakan pembaikan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan dan Laporan Pembaikan disediakan untuk projek akan datang agar Kerajaan mendapat *value for money* atas perbelanjaan yang telah dibuat.

Maklum Balas Jabatan Meteorologi Malaysia Yang Diterima Pada 29 Mei 2012

JKR memaklumkan kerja membaiki kecacatan bagi Projek Pembinaan Pejabat Meteorologi Pangkalan TUDM, Gong Kedak telah dilaksanakan dan disahkan oleh JMM pada 16 Januari 2012. Bagi Projek Pembinaan Stesen Meteorologi Miri, Perakuan Siap Membaiki Kecacatan telah dikeluarkan pada 30 Mac 2012.

f. Buku Harian Tapak

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (SPKPKR) bertarikh 4 Mei 1988 menetapkan buku harian tapak hendaklah sentiasa dikemas kini dan disimpan dengan baik oleh pegawai yang bertanggungjawab serta catatan yang telah dibuat hendaklah disemak dan disahkan ketepatannya oleh wakil kontraktor. Lawatan Audit ke semua lokasi projek yang dipilih mendapati Buku Harian Tapak tidak diisi dan dikemas kini kecuali projek Pembinaan Pejabat dan Kuarters Meteorologi Kuala Krai.

Kesannya, adalah sukar untuk mengesahkan kemajuan kerja di tapak pembinaan serta memastikan sama ada penyeliaan di tapak bina telah dilakukan oleh JKR.

Pada pendapat Audit, JKR hendaklah memastikan agar Buku Harian Tapak disediakan dan dikemas kini agar semua aktiviti di tapak dapat direkodkan bagi tujuan penyeliaan dan pemantauan.

Maklum Balas Jabatan Meteorologi Malaysia Yang Diterima Pada 29 Mei 2012

JKR memaklumkan pihaknya mengambil maklum perkara ini dan akan memastikan Buku Harian Tapak diisi dan dikemas kini bagi projek akan datang.

g. Senarai Kuantiti dan Lukisan Kontrak

Senarai Kuantiti dan Lukisan Kontrak perlu disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Semakan Audit mendapati beberapa skop kerja yang diperlukan tidak dinyatakan secara terperinci bagi projek Pembinaan Pejabat Meteorologi Kuala Krai dan projek Pembinaan Kuarters Meteorologi Muadzam Shah. Sebagai contoh, tetopi cerucuk tidak dinyatakan di dalam Senarai Kuantiti tetapi dinyatakan di dalam Lukisan Kontrak. Manakala pemasangan jeriji tingkap, penutup longkang dan pagar *Met Farm* tidak dinyatakan di dalam Senarai Kuantiti dan Lukisan Kontrak Pembinaan Pejabat Meteorologi Kuala Krai. Pelarasan semula kerja cerucuk dan kerja pemasangan jeriji/pagar *Met Farm* kemudiannya telah dibuat dan masing-masingnya melibatkan kos tambahan berjumlah RM31,888 dan RM33,246. Bagi projek Pembinaan Kuarters Meteorologi Muadzam Shah pula, longkang di hadapan kuarters yang bersaiz 600mm lebar didapati tidak dilengkapi dengan penutup longkang dan bebendul jalan di sepanjang jalan tidak dibina (**Gambar 29.3**) kerana ia tidak dinyatakan di dalam Senarai Kuantiti dan Lukisan Kontrak. Hal ini boleh menjejaskan keselamatan pengguna projek seperti pekerja dan penghuni kuarters.

GAMBAR 29.3

SEBELUM



Kuarters Meteorologi Muadzam Shah, Pahang - Bebendul Jalan Dan Penutup Longkang Di Sepanjang Jalan Tidak Dibina (08.07.2011)

GAMBAR 29.4

SELEPAS



Kuarters Meteorologi Muadzam Shah, Pahang - Bebendul Jalan Di Sepanjang Jalan Telah Dibina Selepas Teguran Audit (Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia)

Maklum Balas Jabatan Meteorologi Malaysia Yang Diterima Pada 29 Mei 2012

JMM telah menggunakan peruntukan sedia ada bagi tahun 2011 telah digunakan untuk membina bebendul. Penutup longkang dirancang untuk dibuat menggunakan peruntukan sedia ada bagi tahun 2012.

h. Lukisan Siap Bina

Lukisan siap bina hendaklah dikemas kini sepanjang perjalanan projek dan hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Penguasa secara berperingkat menurut aturan kerja. Semakan Audit mendapati kontraktor tidak menyediakan dokumen tersebut bagi semua projek terlibat.

Pada pendapat Audit, ketiadaan Lukisan Siap Bina akan menyukarkan JMM dalam menjalankan kerja penyenggaraan.

Maklum Balas Jabatan Meteorologi Malaysia Yang Diterima Pada 29 Mei 2012

Lukisan Siap Bina bagi semua projek Pembinaan Kuarters Meteorologi Muadzam Shah, Pejabat dan Kuarters Meteorologi Kuala Krai dan Pejabat Meteorologi Pangkalan TUDM Gong Kedak telah diterima pada 5 Mac hingga 10 April 2012. Manakala bagi projek pembinaan Stesen Meteorologi Miri, JKR telah mengarahkan kontraktor untuk menghantar lukisan tersebut sebelum Wang Jaminan Pelaksanaan dikembalikan.

i. Pelantikan Kontraktor Yang Dinamakan

Pelantikan Kontraktor Yang Dinamakan perlu dibuat dengan teratur. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap projek Pembinaan Pejabat dan Kuarters Meteorologi Kuala Krai mendapati JKR lewat melantik Kontraktor Yang Dinamakan bagi kerja mekanikal menyebabkan kerja di tapak oleh kontraktor utama tergendala. Adalah didapati proses penilaian tender kontraktor tersebut hanya diselesaikan pada 15 Jun 2009 iaitu 2 bulan sebelum tarikh asal projek disiapkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati kontraktor mekanikal yang telah dilantik pada 30 Jun 2009 hanya memulakan kerja pada 5 November 2009 iaitu lewat 5 bulan dari tarikh lantikan.

Pada pendapat Audit, JKR hendaklah memastikan Kontraktor Yang Dinamakan dilantik pada masa yang sepatutnya agar projek dapat berjalan dengan lancar seperti yang dijadualkan.

Pada pendapat Audit, bagi memantapkan pentadbiran kontrak, JKR hendaklah tegas dalam menguatkuasakan kontrak dan mengambil tindakan ke atas kontraktor yang melanggar syarat kontrak.

29.5.2.3. Kualiti Pembinaan

Syarat kontrak antaranya menetapkan bahawa pemantauan dan penyeliaan terhadap pelaksanaan projek adalah merupakan tanggungjawab Pegawai Penguasa. Lawatan Audit pada bulan Julai 2011 mendapati sebahagian daripada kualiti kerja kontraktor adalah tidak memuaskan serta tidak mengikut spesifikasi seperti berikut:

a. Pembinaan Tidak Berkualiti

Kerja pembinaan perlu dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang boleh diterima. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati beberapa kerja yang dilaksanakan di kesemua tempat yang dilawati adalah tidak berkualiti atau tidak kemas dan tidak sempurna. Butirannya adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 29.7
KUALITI KERJA TIDAK MEMUASKAN

STESEN	LOKASI	KETERANGAN
Kuarters Meteorologi, Muadzham Shah, Pahang	Kuarters Unit A,B dan C	• Pembinaan rasuk pagar yang tidak kemas dan telah retak **(Gambar 29.5)**. • Pembinaan tembok penahan, konkrit yang tidak kemas dan masih terdapat papan acuan *(formwork)* pada tembok penahan konkrit. • Pemasangan *bolt* dan *nut* pada kerangka besi pagar yang tidak sempurna.
Pejabat, Stesen Radar Dan Kuarters Meteorologi Miri, Sarawak	Stesen	• Terdapat pasir di dalam longkang yang menyebabkan pengaliran air tidak lancar. • Kemasan lantai jenis kayu berlamina di Bilik Operasi telah renggang. • Kesan kotoran pada permukaan dinding di pintu masuk utama bangunan. • Penanaman rumput baru bagi menggantikan rumput yang mati. Namun, tanah masih lagi bercampur dengan batu **(Gambar 29.7)**. • Kesan resapan air pada siling di hadapan ruang bilik operasi.

STESEN	LOKASI	KETERANGAN
		• Pengelupasan cat pada permukaan binaan di tiang bendera. • Pemasangan paip dan saluran air hujan mencacatkan pemandangan **(Gambar 29.9)**.
	Stesen Radar	• Paip *condensing* unit tidak disambung dan dialirkan ke longkang. Air terus menitik di atas apron menyebabkan apron kotor dan berlumut **(Gambar 29.10)**. • Pembinaan pembentung konkrit yang tidak kemas **(Gambar 29.11)**. • Kerangka tingkap jenis kayu di pondok pengawal rosak dan reput. • Pemasangan *roof insulation* untuk bangunan yang tidak kemas. • Kerangka pintu dan dinding renggang. • Paip buangan di bawah sinki tandas tidak lurus. • Ruang penyenggaraan pada binaan siling gantung ruang tandas tiada penutup. • Tiada *copper bridge* pada sambungan *trunking.*
	Kuarters	• Keretakan pada permukaan lantai anjung parkir di kuarters. • Keretakan pada sambungan di antara dinding luar dan apron bangunan. • Saluran paip air hujan dari anjung parkir disambungkan dengan saluran air hujan dari bumbung rumah menyebabkan air mudah tersumbat di bahagian pertemuan dua saluran paip.
Pejabat Dan Kuarters Meteorologi Kuala Krai, Kelantan	Pejabat	• Sisa bahan binaan yang masih belum dibersihkan di sekitar bangunan pejabat dan kuarters. • Terdapat *sump* yang telah retak di sekitar kuarters. • Bahagian tepi *apron* di kawasan kuarters yang telah retak.
Pejabat Meteorologi Pangkalan TUDM, Gong Kedak, Terengganu	Pejabat	• Papan acuan (formwork) pada dinding konkrit di ruang bawah tangga tidak ditanggalkan **(Gambar 29.12)**. • Kemasan lepaan di bahagian bawah dinding bilik perpustakaan tidak kemas. • Kemasan penyambungan pada susur tangan di tangga tidak dibuat dengan sempurna. • Sambungan paip di bilik pantri tidak kemas. Terdapat kesan titisan air pada permukaan lantai.

GAMBAR 29.5

SEBELUM



Kuarters Meteorologi Muadzam Shah, Pahang
- Pembinaan Rasuk Pagar Yang
Tidak Kemas Dan Telah Retak
(08.07.2011)

GAMBAR 29.6


SELEPAS



Kuarters Meteorologi Muadzam Shah, Pahang
- Pembinaan Rasuk Pagar Telah Dikemaskan
Selepas Teguran Audit
(Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia)

GAMBAR 29.7

SEBELUM



Stesen Meteorologi Miri, Sarawak
- Penanaman Rumput Baru Bagi
Menggantikan Rumput Yang Mati
(14.07.2011)


GAMBAR 29.8

SELEPAS



Stesen Meteorologi Miri, Sarawak
- Rumput Telah Tumbuh Subur Di Kawasan
Stesen Selepas Teguran Audit
(Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia)

GAMBAR 29.9



Stesen Meteorologi Miri, Sarawak
- Pemasangan Paip Dan Saluran Air Hujan Mencacatkan Pemandangan
(14.07.2011)

GAMBAR 29.10



Stesen Radar Meteorologi Miri, Sarawak
- Paip Condensing Unit Tidak Disambung Dan Dialirkan Ke Longkang
(14.07.2011)




GAMBAR 29.11

Stesen Radar Meteorologi Miri, Sarawak
- Pembinaan Pembentung Konkrit Yang Tidak Kemas
(14.07.2011)

GAMBAR 29.12

SEBELUM



Pejabat Meteorologi Pangkalan TUDM Gong Kedak, Terengganu
- Papan Acuan (Formwork) Pada Dinding Konkrit Di Ruang Bawah Tangga Tidak Ditanggalkan
(21.07.2011)

GAMBAR 29.13

SELEPAS



Pejabat Meteorologi Pangkalan TUDM Gong Kedak, Terengganu
- Papan Acuan (Formwork) Pada Dinding Konkrit Di Ruang Bawah Tangga Telah Ditanggalkan Selepas Teguran Audit
(Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia)

Maklum Balas Jabatan Meteorologi Malaysia Yang Diterima Pada 29 Mei 2012

JKR memaklumkan kerja seperti pembinaan rasuk pagar, tembok penahan dan konkrit; pemasangan bolt dan nut; kerja kemasan; kerja pembersihan; penanaman rumput dan kerja lanskap; pemasangan penutup condensing unit longkang, kerja papan acuan (formwork) dan penyambungan paip condensing unit ke longkang telah diambil tindakan antara 31 Julai 2011 hingga 30 Mac 2012.


b. Kerja Pembinaan Tidak Sesuai

Adalah didapati beberapa kerja tidak sesuai di 5 daripada 6 tapak projek yang dilawati yang boleh menyebabkan kerja pembaikan terpaksa dijalankan; peralatan yang digunakan rosak; dan kerja tambahan terpaksa dilakukan. Contohnya adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 29.8
KERJA PEMBINAAN TIDAK SESUAI

STESEN	LOKASI	KETERANGAN
Stesen, Stesen Radar Dan Kuarters Meteorologi Miri, Sarawak	Stesen	• Pemasangan paip air dan saluran air hujan yang tidak mengikut amalan kejuruteraan yang baik. Pemasangan paip dan saluran air hujan mencacatkan pemandangan. • Aras *outlet* pada bebendul jalan lebih tinggi daripada aras jalan. Sepatutnya lebih rendah dari aras jalan supaya air boleh mengalir dari permukaan jalan. **(Gambar 29.14)** • Tiada saluran penyambungan yang sempurna dari *outlet* bebendul jalan ke longkang. Sepatutnya saluran disambung ke longkang dan ditanam di dalam tanah. • Semua lampu yang dipasang di siling jenis gantung perlu digantung bagi mengelakkan siling melendut dan jatuh. **(Gambar 29.15)**
	Stesen Radar	• Aras lantai dalam bilik air dibina lebih rendah daripada aras lantai luar. Tidak sepatutnya dibina bebendul. • Bebendul (kerb) yang mempunyai bukaan tidak sesuai dipasang di lokasi jalan yang bercerun. • Kedudukan papan suis mudah diakses oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Bagi tujuan keselamatan papan suis perlu dipasang di dalam sebuah bilik khas yang dikunci dan tidak boleh diakses oleh orang yang tidak kompeten. Pelapik getah juga tidak diletakkan di hadapan papan suis.
	Kuarters	• Penggunaan jenis paip yang berlainan serta penyambungan paip yang tidak sempurna.
Pejabat Dan Kuarters Meteorologi Kuala Krai, Kelantan	Pejabat	• Pemasangan penyaman udara di atas peralatan elektronik (telefon) adalah tidak sesuai. Sekiranya berlaku kondensasi (air menitis) ia akan merosakkan peralatan tersebut. **(Gambar 29.16)**
Pejabat Meteorologi Pangkalan TUDM, Gong Kedak, Terengganu	Pejabat	• Ketinggian pintu bilik stor tidak sesuai.

GAMBAR 29.14



Stesen Meteorologi Miri, Sarawak
- Aras Outlet Pada Bebendul Jalan
Lebih Tinggi Daripada Aras Jalan
(14.07.2011)

GAMBAR 29.15



Stesen Meteorologi Miri, Sarawak
- Semua Lampu Yang Dipasang Di Siling
Jenis Gantung Perlu Digantung Bagi
Mengelakkan Siling Melendut Dan Jatuh
(14.07.2011)



GAMBAR 29.16

Pejabat Meteorologi Kuala Krai, Kelantan
- Pemasangan Penyaman Udara Di Atas
Peralatan Elektronik (Telefon)
Adalah Tidak Sesuai.
(21.07.2011)

Maklum Balas Jabatan Meteorologi Malaysia Yang Diterima Pada 29 Mei 2012

JMM memaklumkan beberapa kerja pembinaan yang tidak sesuai seperti saluran penyambungan yang tidak sempurna dari outlet bebendul jalan ke longkang dan pelapik getah yang tidak disediakan di hadapan papan suis telah diambil tindakan. Manakala bagi kerja pemasangan lampu yang di siling yang perlu

digantung tetapi tidak digantung dan pemasangan paip air dan saluran air hujan yang tidak mengikut amalan kejuruteraan yang baik adalah kerana ia tidak dinyatakan di dalam spesifikasi kontrak. Bagaimanapun, perkara ini akan diambil kira bagi tujuan penyediaan spesifikasi yang lengkap bagi projek akan datang.

c. Kerja Pembinaan Tidak Mengikut Spesifikasi/Lukisan

Lawatan Audit juga mendapati kerja yang tidak mengikut spesifikasi/lukisan di 4 daripada 6 tapak projek seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 29.9
KERJA PEMBINAAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI/LUKISAN

STESEN	LOKASI	KETERANGAN
Stesen, Stesen Radar Dan Kuarters Meteorologi Miri, Sarawak	Stesen	• Tiada lukisan skematik dipamerkan pada bahagian dalam pintu dan tiada pemasangan kabel pembumian ke pintu papan agihan. • Pemutus litar arus baki (RCCB) menggunakan kepekaan (sensitivity) 300mA dan ini tidak mematuhi Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 iaitu 30mA. • *Server* tidak diletakkan di tempat yang sepatutnya dan hanya satu unit alat penghawa dingin dipasang di bilik server yang beroperasi 24 jam sehari. • Tiada pelapik getah untuk menyerap getaran pada pemasangan condensing unit.
	Stesen Radar	• *Transparent protective cover* tidak dipasang pada terminal pembumian utama dan tidak dilabelkan. • *Test point* perlu disediakan supaya ujian pembumian dapat dilakukan dengan sempurna. Didapati *test point* untuk perlindungan kilat tidak disediakan. • *Copper bridge* berukuran *25mm x 3mm* perlu dipasang pada semua sambungan *trunking* sebagai pembumian. Didapati *cooper bridge* tidak dipasang. • Kotak pembumian tidak disediakan untuk sistem perlindungan kilat. Ini akan menyukarkan kerja pengujian dan penyenggaraan. **(Gambar 29.17)** • Pemutus Litar Arus Baki (RCCB) untuk litar soket alur keluar menggunakan kepekaan (sensitivity) 100mA dan ini tidak mematuhi Peraturan-peraturan Elektrik 1994. Kepekaan (sensitivity) yang sesuai untuk litar soket adalah 30mA. **(Gambar 29.18)** • Pemutus Litar Arus Baki (RCCB) yang menggunakan kepekaan (sensitivity) 300mA bagi soket alur keluar adalah tidak mematuhi Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 yang telah ditetapkan. **(Gambar 29.19)** • Bagi kotak pembumian, pemasangan kotak pembumian adalah dari jenis uPVC, *Clamp* pembumian didapati telah berkarat dan tamatan pembumian tiada penandaan label *"Safety Electrical Connection – Do Not Remove".*
	Kuarters	• Kotak pembumian yang dipasang adalah dari jenis uPVC. Kotak yang seharusnya dipasang adalah jenis *heavy duty pre-cast concrete with removable cover.* **(Gambar 29.20)** • Kepekaan (sensitivity) yang sesuai untuk litar soket adalah 30mA. Didapati pemutus litar arus baki (RCCB) untuk litar soket menggunakan kepekaan (sensitivity) 100mA dan ini tidak mematuhi Peraturan-Peraturan Elektrik 1994. • Kabel pembumian tidak disambungkan pada *Back Box Suis*.
Pejabat Meteorologi Pangkalan TUDM, Gong Kedak, Terengganu	Pejabat	• Tiada penandaan kod warna oren pada *trunking* seperti yang ditetapkan dan spesifikasi JKR LS-1, Section 9.8. penandaan kod warna adalah untuk mengelakkan kekeliruan semasa kerja penyenggaraan dijalankan.

GAMBAR 29.17




Stesen Radar Meteorologi, Miri, Sarawak - Kotak Pembumian Tidak Disediakan Untuk Sistem Perlindungan Kilat (14.07.2011)

GAMBAR 29.18



Stesen Radar Meteorologi, Miri, Sarawak - Pemutus Litar Arus Baki (RCCB) Untuk Litar Soket Alur Keluar Menggunakan Kepekaan (Sensitivity) 100mA Dan Ini Tidak Mematuhi Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 Yang Telah Ditetapkan (14.07.2011)

GAMBAR 29.19



Stesen Meteorologi, Miri, Sarawak
- Pemutus Litar Arus Baki (RCCB) Yang Menggunakan Kepekaan (Sensitivity) 300mA Bagi Soket Alur Keluar Adalah Tidak Mematuhi Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 Yang Telah Ditetapkan
(14.07.2011)

GAMBAR 29.20



Kuarters, Meteorologi, Miri, Sarawak
- Kotak Pembumian Yang Dipasang Adalah Dari Jenis uPVC
(14.07.2011)

Maklum Balas Jabatan Meteorologi Malaysia Yang Diterima Pada 29 Mei 2012

JKR memaklumkan kerja seperti penandaan kod warna oren pada trunking, penyambungan kabel pembumian ke Back Box Suis dan penyediaan kotak pembumian untuk sistem perlindungan kilat telah dibuat dan disahkan antara 13 Januari 2012 hingga 20 April 2012. Manakala, bagi kerja elektrik lain yang tidak mengikut spesifikasi, JKR telah mengarahkan kontraktor untuk mengambil tindakan pembaikan pada 3 April 2012.

Pada pendapat Audit, JMM hendaklah memastikan agar kerja yang tidak mematuhi spesifikasi, tidak sesuai dan tidak berkualiti diambil tindakan pembaikan bagi memastikan Kerajaan mendapat v*alue for money*. JKR hendaklah memberi khidmat nasihat teknikal kepada JMM selain daripada memantau dan menyelia kemajuan kerja kontraktor serta memastikan kerja yang dilakukan oleh kontraktor sesuai/lengkap, mengikut spesifikasi dan berkualiti bagi projek akan datang.

29.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

29.6.1. JKR hendaklah tegas dalam menguatkuasakan kontrak dan mengambil tindakan ke atas kontraktor yang melanggar syarat kontrak.

29.6.2. JKR hendaklah memastikan kontrak ditandatangani dalam tempoh masa yang telah ditetapkan demi menjaga kepentingan Kerajaan.

29.6.3. JKR hendaklah memantau dan menyelia kemajuan kerja kontraktor dan memastikan kerja yang dilakukan oleh kontraktor sesuai/lengkap, mengikut spesifikasi dan berkualiti. Kerja yang tidak mematuhi spesifikasi, tidak sesuai dan tidak berkualiti perlu diambil tindakan pembaikan.

29.6.4. Jabatan Meteorologi Malaysia hendaklah memastikan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini diambil perhatian dalam perancangan dan pelaksanaan projek akan datang.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 219-228
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN PELANCONGAN

30. PENGURUSAN PROGRAM PENYEDIAAN/PENINGKATAN KEMUDAHAN PELANCONGAN

30.1. LATAR BELAKANG

30.1.1. Objektif program penyediaan/peningkatan kemudahan pelancongan adalah untuk menyediakan dan menambahkan lagi kemudahan asas/infrastruktur pelancongan serta membaik pulih dan menaik taraf kemudahan pelancongan. Skop program ini meliputi landskap taman rekreasi serta kemudahan di pantai, sungai dan hutan lipur. Kementerian Pelancongan (Kementerian) telah diperuntukkan sejumlah RM795.15 juta bagi keseluruhan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) iaitu bermula tahun 2006 hingga 2010 dan juga melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) bermula tahun 2008 hingga 2010. Jumlah peruntukan ini adalah untuk melaksanakan 846 projek infrastruktur dan penyenggaraan, di mana ia meliputi sejumlah RM548.81 juta untuk 210 projek pembinaan infrastruktur dan sejumlah RM246.33 juta untuk 636 projek penyenggaraan. Setakat bulan Disember 2011 sejumlah RM772.41 juta (97.1%) telah dibelanjakan.

30.1.2. Permohonan projek di bawah program ini dibuat oleh agensi pelaksana yang terdiri daripada Jabatan Persekutuan, Agensi Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk kelulusan Kementerian. Bahagian Prasarana Kementerian telah dipertanggungjawabkan untuk merancang, melaksana dan memantau prestasi fizikal dan kewangan bagi ke semua projek serta memberi nasihat teknikal terhadap pelaksanaan projek. Di peringkat negeri, sebelum tahun 2009 Majlis Tindakan Pelancongan Negeri (MTPN) membantu memantau prestasi fizikal dan kewangan projek di negeri masing-masing. Bagaimanapun, mulai tahun 2009 Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri (PKPN) telah ditubuhkan bagi mengganti tugas dan tanggungjawab MTPN yang telah dibubarkan.

30.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada program penyediaan/peningkatan kemudahan pelancongan telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

30.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini memberi tumpuan kepada pengurusan program yang meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek penyediaan/peningkatan kemudahan pelancongan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan telah dijalankan di Kementerian Pelancongan serta 12 agensi pelaksana di 4 negeri iaitu Kedah, Kelantan, Perak dan Sarawak bagi 32 projek yang dipilih sebagai sampel seperti di jadual berikut:

JADUAL 30.1
SENARAI PROJEK YANG DIPILIH UNTUK DIAUDIT

BIL.	NAMA PROJEK	RMKe-9/PRE	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)
Kedah				
1.	Peningkatan Kemudahan Pelancongan Sungai Kedah/Sungai Anak Bukit	RMKe-9	9.11	8.94
2.	Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Taman Seni Budaya Medan Alor Setar		4.83	4.57

BIL.	NAMA PROJEK	RMKe-9/PRE	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)
3.	Peningkatan Kemudahan Pelancongan *Waterfront* Dan Pengindahan Pantai Tengah Dan Pantai Chenang, Pulau Langkawi		5.35	5.06
4.	Pembinaan Dan Menaik Taraf Tandas Awam di Tempat-Tempat Pelancongan Di Pulau Langkawi		2.72	2.31
5.	Pembangunan Pusat Pelancongan Dan Rekreasi Di Sungai Sedim, Kulim (Tree Top Walk)		11.36	10.65
6.	Meningkatkan Kemudahan Penginapan di Kawasan Pelancongan Sungai Sedim, Kulim (Fasa 3)		0.90	0.80
7.	Menaik Taraf Kemudahan Boat Cruise di Sungai Kedah, di Old Village Restaurant, Kg. Sakan, Jalan Dato' Kumbar, Alor Setar	PRE	0.20	0.20
Kelantan				
8.	Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Pintu Masuk Rantau Panjang, Pasir Panjang	PRE	7.58	7.58
9.	Peningkatan Kemudahan Di Kawasan Tambatan Di Raja Kota Bharu		4.50	4.15
10.	Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Pintu Masuk Rantau Panjang, Pasir Panjang	RMKe-9	4.42	3.05
11.	Cadangan Menaik Taraf Pusat Bandar Rantau Panjang Sebagai Pintu Masuk Ke Selatan Thai (Fasa 10)		0.18	0.18
12.	Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Pantai Irama Dan Bandar Bachok		2.00	2.00
13.	Menaik Taraf Tandas Awam, Musalla Dan Pagar Di Pantai Irama		0.20	0.20
14.	Peningkatan Kemudahan Zon Pelancongan Bandar Kota Bharu Dan Buluh Kubu Dan Kampung Kraftangan Kota Bharu		2.86	2.84
15.	Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Kawasan Kota Ismail Petra		1.00	1.00
Perak				
16.	Pembangunan Kemudahan Pelancongan Di Bangunan Terminal Jeti Dan Bumbung Laluan Masuk Di Jeti Pulau Pangkor	RMKe-9	13.74	13.21
17.	Pembangunan Dan Penempatan Semula Penjaja Dan Teluk Nipah *Waterfront* Di Teluk Nipah		6.80	6.80
18.	Membina Jalan dan Sistem Perparitan Pembangunan di Chalet Teluk Nipah		2.00	2.00
19.	Menyelenggara Dan Menaik Taraf Kemudahan Awam Dan Infrastruktur Jambatan Gantung, Pulau Pangkor (Fasa 4)		0.10	0.09
20.	Pemasangan Lampu Hiasan Di Kawasan Pelancongan Pulau Pangkor (Fasa 2)		1.00	0.99
21.	Pembangunan Kemudahan Pelancongan Di Bukit Larut		6.54	5.93
22.	Kemudahan Infrastruktur Untuk Pengunjung Di Zoo Taiping		1.62	1.64
23.	Pembangunan Kemudahan Pelancongan Di Taman Tasik Taiping		2.00	2.00
24.	Cadangan Membaik Pulih 5 Unit Gerai Sedia Ada Di Burmese Pool, Taiping	PRE	0.45	0.44
Sarawak				
25.	Pengindahan Tebingan Sungai Kampung Gersik Ke Kampung Sourabaya	RMKe-9	2.50	2.18
26.	Pengindahan Tebingan Sungai Dan Landskap Kampung Sungai Bedil Besar		1.00	0.62
27.	Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Kampung Budaya Sarawak		5.80	5.80
28.	Pembangunan Kemudahan Pelancongan Batang Lupar Riverine Park, Sri Aman		3.09	3.09
29.	Menaik Taraf Kubu Margherita, Kuching (Fasa 7)		0.44	0.43
30.	Pembangunan Kemudahan Pelancongan Di *Waterfront* Kuching Fasa 2		5.00	5.00
31.	Pembangunan Kemudahan Pelancongan Di *Waterfront* Kuching Fasa 2	PRE	8.30	8.30
32.	Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Damai		11.85	11.85

Sumber: ***Laporan Prestasi Kewangan Dan Fizikal, Bahagian Prasarana, Kementerian***

30.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan program penyediaan/peningkatan kemudahan pelancongan. Selain itu, lawatan, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai berkaitan juga telah dijalankan di lokasi yang terlibat.

30.5. PENEMUAN AUDIT

Pada keseluruhannya pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2011 mendapati bilangan projek yang dilaksanakan adalah memuaskan di mana sebanyak 742 (87.7%) daripada 846 projek telah disiapkan. Bagaimanapun, daripada sampel projek yang diaudit terdapat kelemahan seperti berikut:

i. perancangan projek yang tidak teratur;
ii. bayaran telah dibuat untuk kerja pembinaan/bekalan yang tidak dilaksanakan/dibekalkan;
iii. kerja pembinaan dan bekalan tidak mengikut spesifikasi serta tidak berkualiti/tidak memenuhi keperluan pelancongan;
iv. projek tidak digunakan secara optimum/dimanfaatkan; dan
v. penyenggaraan projek tidak memuaskan serta pemantauan projek kurang berkesan.

Penjelasan lanjut berhubung pelaksanaan program serta maklum balas Kementerian adalah seperti berikut:

30.5.1. Prestasi Projek

30.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

a. Berbanding 846 projek yang dirancang untuk dilaksanakan oleh Kementerian, sejumlah 742 (87.7%) projek telah disiapkan, 20 (2.3%) projek masih dalam pelaksanaan, 9 (1.1%) projek adalah projek sakit, 17 (2%) projek masih dalam peringkat perancangan/tender/sebut harga dan 58 (6.9%) projek telah dibatalkan. Prestasi fizikal projek sehingga 31 Disember 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 30.2
PRESTASI FIZIKAL SETAKAT BULAN DISEMBER 2011

BIL.	NEGERI	BIL. PROJEK DILULUSKAN	KOS PROJEK (RM Juta)	STATUS PROJEK					
				SS	DALAM PELAKSANAAN		S	B	DLL
					IJ	DJ			
1.	Perlis	28	32.63	23	2	-	-	3	-
2.	Kedah	114	88.27	103	4	-	2	5	-
3.	Penang	49	101.00	31	4	-	3	7	4
4.	Perak	61	68.91	57	1	-	-	3	-
5.	Selangor	40	38.86	30	2	-	-	4	4
6.	Negeri Sembilan	46	43.75	42	-	-	-	4	-
7.	Melaka	84	74.97	83	-	-	1	-	-
8.	Johor	44	31.44	37	-	-	1	6	-
9.	Pahang	95	59.10	89	-	-	-	6	-
10.	Terengganu	85	47.39	80	1	-	-	2	2
11.	Kelantan	75	44.22	65	1	-	-	6	3
12.	Sarawak	59	82.06	48	2	-	1	5	3
13.	Sabah	38	32.34	35	-	1	-	2	-
14.	W.P. Labuan	14	3.70	8	-	-	1	5	-
15.	W.P. Kuala Lumpur	14	21.23	11	1	1	-	-	1
JUMLAH		**846**	**769.87**	**742**	**18**	**2**	**9**	**58**	**17**

Sumber: Laporan Prestasi Kewangan Dan Fizikal, Bahagian Prasarana, Kementerian
Nota: SS - Sudah Siap, IJ - Ikut Jadual, DJ - Dahului Jadual,
S - Sakit, B - Batal DLL - Dan Lain-Lain (Dalam Perancangan/Tender/Sebut Harga)

b. Semakan Audit terhadap Laporan Prestasi Kewangan dan Fizikal di Kementerian secara keseluruhannya mendapati 186 (22%) projek daripada 846 projek mempunyai Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa [*Extension Of Time* (EOT)]. Daripada 186 projek, sebanyak 76 (40.9%) projek telah diberi EOT melebihi satu kali, di mana 6 daripadanya EOT diberi sehingga 4 kali. Manakala baki 27 projek yang lain tidak dapat disahkan sama ada telah diberi EOT atau sebaliknya memandangkan tiada maklumat mengenainya. Semakan status EOT terhadap 32 projek yang dilawati mendapati 24 (75%) projek telah diberi EOT, di mana 13 projek daripadanya didapati telah diberi EOT melebihi 2 kali. Manakala baki 3 projek yang lain tidak dapat disahkan sama ada telah diberi EOT atau sebaliknya memandangkan tiada maklumat mengenainya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 30.3
PEMBERIAN PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA

PERUNTUKAN MELALUI	BILANGAN EOT						
	T	1	2	3	4	TM	JUMLAH
RMKe-9	465	84	44	20	6	10	629
PRE	168	26	4	2	0	17	217
JUMLAH	**633**	**110**	**48**	**22**	**6**	**27**	**846**

Sumber: *Laporan Prestasi Kewangan Dan Fizikal, Bahagian Prasarana, Kementerian*
Nota: *T - Tiada EOT TM - Tiada Maklumat*

JADUAL 30.4
PROJEK YANG MEMPUNYAI PEMBERIAN PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA (SAMPEL DIAUDIT)

NEGERI	BILANGAN PROJEK DIAUDIT	BILANGAN EOT			
		T	1	>2	TM
Perak	9	1	5	3	0
Sarawak	8	1	3	4	0
Kedah	7	1	0	6	0
Kelantan	8	2	3	0	3
JUMLAH	**32**	**5**	**11**	**13**	**3**

Sumber: *Laporan Prestasi Kewangan Dan Fizikal, Bahagian Prasarana, Kementerian*
Nota: *T - Tiada EOT TM - Tiada Maklumat*

Pada pendapat Audit, agensi pelaksana projek bersama kontraktor hendaklah membuat perancangan yang lebih teliti sebelum memulakan sesuatu projek. Selain itu pemantauan kemajuan projek hendaklah dipertingkatkan bagi memastikan projek dapat disiapkan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian kontrak. Jika terdapat EOT yang disebabkan oleh kelemahan kontraktor dalam melaksanakan projek mengikut tempoh masa yang ditetapkan, Kementerian perlu mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor terlibat.

30.5.1.2. Pencapaian Kewangan

a. Secara keseluruhannya, Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM507.95 juta (85.7%) bagi tempoh tahun 2009 hingga bulan Disember 2011 bagi program penyediaan/peningkatan kemudahan pelancongan ini. Sejumlah RM380.02 juta (84.8%) telah dibelanjakan daripada peruntukan RMKe-9 yang berjumlah RM448.24 juta manakala sejumlah RM127.93 juta (88.4%) telah dibelanjakan daripada peruntukan PRE yang berjumlah RM144.71 juta. Butiran peruntukan dan perbelanjaan untuk tempoh tahun 2009 hingga bulan Disember 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 30.5
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA BULAN DISEMBER 2011

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)			PERBELANJAAN (RM Juta)			PERATUSAN PERBELANJAAN (%)		
	RMKe-9	PRE	JUMLAH	RMKe-9	PRE	JUMLAH	RMKe-9	PRE	JUMLAH
2009	210.46	73.59	284.05	203.96	72.67	276.63	96.9	98.7	97.4
2010	210.81	71.12	281.93	154.74	55.26	210.00	73.4	77.7	74.5
2011*	26.97	-	26.97	21.32	-	21.32	79.1	-	79.1
JUMLAH	**448.24**	**144.71**	**592.95**	**380.02**	**127.93**	**507.95**	**84.8**	**88.4**	**85.7**

Sumber: ***Bahagian Prasarana, Kementerian***

b. Bagi 32 projek yang diaudit pula, sejumlah RM129.44 juta telah diperuntukkan dalam RMKe-9 dan PRE. Setakat bulan Disember 2011, sejumlah RM123.90 juta (95.7%) telah dibelanjakan. Butiran peruntukan dan perbelanjaan bagi 32 projek yang diaudit adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 30.6
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK YANG DIAUDIT

NEGERI	BIL. PROJEK YANG DIAUDIT	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI PERBELANJAAN (RM Juta)
Perak	9	34.25	33.10	1.15
Sarawak	8	37.98	37.27	0.71
Kedah	7	34.47	32.53	1.94
Kelantan	8	22.74	21.00	1.74
JUMLAH	**32**	**129.44**	**123.90**	**5.54**

30.5.1.3. Pencapaian *Outcome* Projek

Selaras dengan Program Transformasi Kerajaan, *Key Performance Indicator* (KPI) hendaklah ditetapkan oleh Kementerian dengan mengambil kira pendekatan yang boleh diukur selaras dengan objektif sesuatu program yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati Kementerian belum lagi menetapkan KPI bagi program penyediaan/ peningkatan kemudahan pelancongan. Selain itu, 4 daripada 32 projek yang disemak iaitu Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Pantai Irama dan Bandar Bachok, Kelantan; Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Kampung Budaya, Sarawak serta Projek Pembangunan Kemudahan Pelancongan Bukit Larut (Menaik Taraf Kolam Kemahkotaan) dan Kemudahan Infrastruktur Untuk Pengunjung Di Zoo Taiping, Perak telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Kerja Penilaian *Outcome,* Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Bagaimanapun, pencapaian *outcome* bagi projek tersebut khususnya daripada aspek bilangan pengunjung dan jumlah pendapatan/ekonomi setempat tidak dibuat.

Pada pendapat Audit, penetapan KPI dan penilaian *outcome* hendaklah dibuat bagi memastikan objektif program dapat dicapai secara berkesan dan *value for money* diperolehi dari projek yang dilaksanakan.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Untuk projek akan datang (RMKe-10), pemantauan berpandukan kepada Garis Panduan Peruntukan bagi Projek Penyenggaraan Infrastruktur dan Kemudahan Pelancongan Sedia Ada akan dilaksanakan oleh Kementerian.

30.5.2. Pengurusan Pembinaan/Kerja Naik Taraf

30.5.2.1. Penetapan Lokasi/Justifikasi Projek

Projek hendaklah dirancang dengan teliti supaya pelaksanaannya mencapai objektif yang ditetapkan. Kementerian ada menyediakan *project brief* dan kertas cadangan untuk dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE), JPM. Bagaimanapun di peringkat proses pemilihan projek, Kementerian dan MTPN tidak menyemak kesesuaian tapak serta melaksanakan kajian kemungkinan terperinci sebelum menentukan *viability* sesuatu projek. Penentuan skop kerja serta penentuan lokasi projek juga tidak dirujuk kepada Jabatan Teknikal serta mengambil kira Pelan Rancangan Pembangunan Negeri/Bandar di kawasan tapak berkenaan. Kelemahan ini telah menyebabkan 3 projek pelancongan berjumlah RM5.27 juta tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya serta mengalami kerosakan seperti berikut:

JADUAL 30.7
KELEMAHAN BERHUBUNG PENETAPAN LOKASI/JUSTIFIKASI PROJEK

NAMA/KOS PROJEK	KELEMAHAN PENETAPAN LOKASI/ JUSTIFIKASI PROJEK	KESAN
Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Pantai Irama dan Bandar Bachok, (Meliputi 11 Komponen Projek) / RM2.00 juta.	• Tapak projek berhampiran dengan laut. Kajian terperinci terhadap kesesuaian lokasi projek serta rujukan kepada Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) tidak dibuat. • Tiada kajian terperinci terhadap kesesuaian lokasi projek. Lokasi sering dilanda banjir dan berhampiran sungai.	• 13 wakaf baru berjumlah RM0.19 juta dibina pada bulan Januari 2008. Dua daripadanya telah runtuh dan 11 telah rosak serta tidak dapat diguna. **(Gambar 30.1** dan **30.2)** • Restoran terapung di Sungai Petah bernilai RM0.20 juta siap dibina pada 3 September 2008 telah runtuh pada bulan Disember 2009. **(Gambar 30.3** dan **30.4)**
Peningkatan Kemudahan Zon Pelancongan Bandar Kota Bharu Dan Buluh Kubu Dan Kampung Kraftangan Kota Bharu/ RM2.84 juta.	• Tapak projek berhampiran dengan laut. Kajian terperinci terhadap kesesuaian lokasi projek serta rujukan kepada JPS dan JMM tidak dibuat.	• Pembinaan satu unit replika kubu Jepun Perang Dunia Ke II dan 2 unit wakaf yang berjumlah RM0.18 juta siap dibina pada 24 Jun 2008 telah runtuh. **(Gambar 30.5** dan **30.6)**
Menaiktaraf Kubu Margherita, Kuching (Fasa 7) / RM0.43 juta.	• Justifikasi projek (bahan dan spesifikasi) tidak dibuat secara terperinci dan tidak merujuk kepada Jabatan Muzium Sarawak untuk memulihara bangunan yang berusia 132 tahun.	• Lawatan fizikal pada 12 Oktober 2011 mendapati cat kubu telah tertanggal/berkulat serta terdapat pengaliran air di dinding kubu.

GAMBAR 30.1



Wakaf Pantai Irama, Bachok, Kelantan
- Salah Satu Wakaf Yang Telah Runtuh
(Sumber: Majlis Perbandaran Bachok - 2009)

GAMBAR 30.2



Pantai Irama, Bachok, Kelantan
- Bekas Tapak Wakaf Yang Telah Runtuh
(17.10.2011)

GAMBAR 30.3



Sungai Petah, Bachok, Kelantan
- Tapak Restoran Terapung Yang Runtuh
(17.10.2011)

GAMBAR 30.4




Sungai Petah, Bachok, Kelantan
- Tapak Restoran Terapung Yang Runtuh
(Sumber: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
Sungai Petah, Bachok, Kelantan - 2009)

GAMBAR 30.5



Pantai Sabak, Kuala Pak Amat, Kelantan
- Kedudukan Ketiga-tiga Bangunan Sebelum Runtuh
(Sumber: PKPN Kelantan (2008))

GAMBAR 30.6



Pantai Sabak, Kuala Pak Amat, Kelantan
- Bekas Tapak Bangunan Yang Telah Runtuh
Dan Ditenggelami Air Laut
(19.10.2011)

Pada pendapat Audit, perancangan projek perlu mengambil kira faktor kesesuaian lokasi/tanah dan kesesuaian infrastruktur projek. Ini adalah bagi memastikan kemudahan pelancongan digunakan/dimanfaatkan dengan optimum, selamat dan selesa secara berterusan bagi mencapai objektif program dengan berkesan.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Agensi pelaksana akan merancang dengan lebih teliti termasuk merujuk kepada Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), Jabatan Muzium serta melaksana kajian hakisan sebelum meluluskan/ melaksanakan sesuatu projek.

30.5.2.2. Pentadbiran Kontrak

a. Pengenaan Wang Jaminan Pelaksanaan Dan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan

Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) hendaklah dikenakan melalui potongan sebanyak 10% daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah 5% daripada harga kontrak. Selain itu, pemotongan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan [*Liquidated Ascertained Damages* (LAD)] juga boleh dikenakan setelah kerja yang sepatutnya disiapkan diperakukan tidak siap dalam tempoh yang telah ditetapkan melalui pengeluaran Perakuan Kerja Tidak Siap [*Certificate of Non-Completion* (CNC)]. Semakan Audit bagi Projek Meningkatkan Kemudahan Penginapan di Kawasan Pelancongan Sg. Sedim, Kulim, Kedah yang bernilai RM0.80 juta, jumlah WJP yang sepatutnya dikenakan kepada kontraktor adalah berjumlah RM44,900. Bagaimanapun, semakan terhadap baucar mendapati jumlah penolakan sebenar hanya berjumlah RM40,000. Semakan Audit selanjutnya mendapati berdasarkan

CNC yang dikeluarkan pada 18 Januari 2009, LAD yang sepatutnya dikenakan adalah RM52,960 kerana 331 hari lewat dengan kadar RM160 sehari. Bagaimanapun, LAD sebenar yang dikenakan adalah hanya RM35,360 (perkiraan ini hanya meliputi 221 hari). Semakan selanjutnya ke atas potongan LAD ini melalui bayaran interim 6, 7 dan 8 mendapati sejumlah RM22,400 tidak diakaunkan ke dalam kod perakaunan denda dan rampasan (kod objek 76102).

Pada pendapat Audit, pengenaan WJP dan LAD perlu dibuat selaras dengan peraturan kontrak yang ditetapkan.

b. Pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja dan Perakuan Kerja Tidak Siap

Pengeluaran Kerja Siap [*Certificate of Practical Completion* (CPC)] akan dibuat setelah Pegawai Penguasa [*Superintendent Officer* (SO)] memperakui semua kerja siap sebagaimana ketetapan kontrak. Selepas pengeluaran CPC, Tempoh Tanggungan Kecacatan [*Defect Liability Period* (DLP)] akan berkuat kuasa dalam tempoh yang dinyatakan dalam kontrak. Manakala CNC akan dikeluarkan oleh SO sekiranya kerja yang dilaksanakan tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

i. Bagi Projek Pembangunan Dan Penempatan Semula Penjaja dan Teluk Nipah *Waterfront* Di Teluk Nipah, Pulau Pangkor, Perak yang bernilai RM6.80 juta, adalah didapati CPC dikeluarkan lebih awal iaitu sebelum projek disiapkan. CPC telah dikeluarkan pada 31 Mei 2011 sungguhpun prestasi sebenar kemajuan kerja dalam tempoh yang sama hanya mencapai 95.5%. Lawatan Audit pada 4 Oktober 2011 juga mendapati kerja pemasangan singki masih dilaksanakan di ruangan kedai *kiosk* (**Gambar 30.7**) sungguhpun projek telah diperakukan siap 4 bulan terdahulu.

GAMBAR 30.7

SEBELUM



- Kerja Pemasangan Singki Yang Masih Dilaksanakan Walaupun CPC Telah Diterima Pada 31 Mei 2011 (04.10.2011)

GAMBAR 30.8

SELEPAS



- Singki Telah Siap Dipasang Pada 10 April 2012 (Sumber: Majlis Perbandaran Manjung)

Kedai Kiosk, Waterfront Teluk Nipah, Pulau Pangkor, Perak

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Kerja pemasangan singki telah disiapkan pada 10 April 2012 (Gambar 30.8).

ii. Bagi Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan Sungai Kedah/Sungai Anak Bukit yang bernilai RM8.30 juta, adalah didapati CPC dan CNC telah dikeluarkan pada tarikh yang sama iaitu pada 28 Oktober 2010. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan peratusan kemajuan kerja sebenar memandangkan laporan mengenainya tidak dikemukakan untuk semakan.

Pada pendapat Audit, tindakan pengeluaran CPC yang tidak teratur boleh memberi kesan terhadap DLP. Kerajaan akan menanggung kerugian sekiranya pembaikan kerja tidak dapat dibuat dalam tempoh yang sepatutnya akibat DLP telah luput.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Tindakan pembatalan CNC telah dibuat oleh perunding arkitek pada 10 April 2012.

30.5.2.3. Pelaksanaan/Pembekalan Kerja Penyediaan/Naik Taraf

Kerja penyediaan/naik taraf kemudahan pelancongan hanya boleh dibayar apabila ia telah dilaksanakan dengan sempurna mengikut spesifikasi serta diperakui oleh pegawai yang berkenaan atau perunding yang dilantik. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 2 projek berjumlah RM0.61 juta tidak dilaksanakan/dibekalkan dengan sempurna walaupun bayaran sepenuhnya telah dilakukan oleh Kementerian/Agensi Pelaksana. Butirannya adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 30.8
KERJA YANG TIDAK DILAKSANA/DIBEKALKAN TETAPI TELAH DIBAYAR SEPENUHNYA

NAMA/KOS PROJEK	KOMPONEN PROJEK YANG TIDAK DILAKSANA/ DIBEKALKAN	KUANTITI TIDAK DILAKSANA/ DIBEKAL (Unit)
Menaik taraf Kubu Margherita, Kuching (Fasa 7) / RM0.43 juta.	Pembinaan Pagar **(Gambar 30.9)**	1
Cadangan Menaik taraf Pusat Bandar Rantau Panjang Sebagai Pintu Masuk Ke Selatan Thai (Fasa 10) / RM0.18 juta.	Kipas Siling **(Gambar 30.10)**	8



GAMBAR 30.9

Kawasan Di Luar Kubu Margherita, Kuching, Sarawak
- Kerja Pemasangan Pagar Tidak Dibuat
(12.10.2011)

GAMBAR 30.10

SEBELUM



Tapak Gerai Pasar Malam Rantau Panjang, Pasir Mas, Kelantan
- Kipas Siling Tidak Dipasang
(18.10.2011)

GAMBAR 30.11

SELEPAS



Tapak Gerai Pasar Malam Rantau Panjang, Pasir Mas, Kelantan
- Kipas Siling Yang Telah Dipasang Selepas Teguran Audit
(Sumber: PKPN Kelantan - 09.04.2012)

Pada pendapat Audit, Kementerian/Agensi Pelaksana hendaklah memastikan pembayaran hanya dibuat setelah kerja dilaksanakan dengan sempurna bagi memastikan projek dapat dimanfaatkan secara menyeluruh.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Tindakan memasang 8 unit kipas di tapak gerai Pasar Malam Rantau Panjang, Pasir Mas, Kelantan telah disempurnakan pada 9 April 2012 seperti di Gambar 30.11.

30.5.2.4. Pengesahan Terhadap Lokasi Skop Projek Asal/Yang Diubah

a. Skop kerja hendaklah disediakan dengan terperinci supaya maklumat perihal projek yang jelas dan komprehensif dapat ditentukan dengan mudah. Semakan Audit terhadap Projek Menaik Taraf Tandas Awam, Musalla Dan Pagar Di Pantai Irama, Bachok, Kelantan berjumlah RM0.20 juta mendapati kerja sebenar yang siap dilaksanakan pada 5 Ogos 2009 adalah kerja menaik taraf 20 unit kiosk, menaik taraf tandas awam; membekal dan membaiki 5 unit wakaf serta membekal dan membaiki peralatan permainan kanak-kanak. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada perubahan skop diluluskan kerana tiada maklumat mengenainya. Selain itu, tapak pembinaan projek tidak dapat ditentukan dengan jelas oleh Pegawai Kementerian dan Majlis Daerah Bachok (MDB).

b. Semakan Audit ke atas Projek Pembinaan Dan Menaik Taraf Tandas Awam di Tempat-tempat Pelancongan Di Pulau Langkawi, Kedah mendapati wujud perubahan dan tambahan skop kerja yang telah diluluskan serta melibatkan tambahan kos sejumlah RM137,635 dari kos asal RM1.09 juta. Bagaimanapun skop kerja yang ditambah iaitu menaik taraf tandas di bangunan bertingkat Majlis Perbandaran Langkawi (MPL) dengan kos berjumlah RM159,834 melibatkan tandas awam (tingkat bawah) dan tandas pejabat. Selain itu, salah satu komponen sub-projek yang diubah skop dan lokasi iaitu membina tandas di Tasik Teluk Kedak kepada menaik taraf tandas di Bangunan Pusat Dagangan Kelana Mas melibatkan kos berjumlah RM0.21 juta tidak dapat diguna secara optimum kerana tidak dilengkapi dengan bekalan elektrik dan air seperti di **Gambar 30.12**.

GAMBAR 30.12



Tandas Tiara Perempuan, Bangunan Pusat Dagangan Kelana Mas, Langkawi

- Tandas Tidak Digunakan (20.10.2011)

GAMBAR 30.13



- Peralatan Tandas Telah Dicuri Dan Vandalisme (Sumber: PKPN Kedah - 18.04.2012)

Pada pendapat Audit, perubahan lokasi/skop kerja hendaklah mengambil kira keperluan pengguna sasaran iaitu pelancong dan tahap penggunaan yang maksimum supaya Kerajaan mendapat *value for money*.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Berlaku kes vandalisme dan kecurian di tandas ini seperti di Gambar 30.13. Bagaimanapun, tandas tersebut telah ditutup berdasarkan laporan pemeriksaan pada 18 April 2012 oleh Jabatan Kesihatan Persekitaran.

30.5.3. Kualiti Pembinaan/Naik Taraf

Syarat kontrak antaranya menetapkan bahawa pemantauan dan penyeliaan terhadap pelaksanaan projek termasuk aspek kualiti kerja adalah merupakan tanggungjawab perunding yang telah dilantik oleh kontraktor. Lawatan Audit pada bulan Oktober 2011 mendapati sebahagian daripada kerja yang dilaksanakan tidak sesuai/mengikut spesifikasi/ kualiti/memenuhi keperluan bidang pelancongan. Keterangan lanjut adalah seperti berikut:

30.5.3.1. Spesifikasi/Kesesuaian Kerja Pembinaan

Semakan Audit mendapati, 3 kerja didapati tidak sesuai/tidak mengikut spesifikasi. Kerja ini melibatkan 2 projek yang bernilai RM22.48 juta. Keadaan ini boleh menyebabkan kerja pembaikan/tambahan terpaksa dijalankan. Butiran lanjut mengenai kerja yang tidak mengikut spesifikasi/tidak sesuai seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 30.9
KERJA YANG TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI/TIDAK SESUAI

NAMA/KOS PROJEK	KETERANGAN KERJA TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI/TIDAK SESUAI
Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Damai / RM11.85 juta.	• Hanya 6 buah bangku kayu dibina di kawasan arca burung kenyalang berbanding 8 yang dinyatakan dalam *Bill of Quantity* (BQ). Tiada Arahan Perubahan Kerja bagi pengurangan bilangan bangku. **(Gambar 30.14)** • Dua menara berbumbung yang dibina setinggi dua tingkat tidak mempunyai tangga yang membolehkan pengunjung naik ke tingkat atas. **(Gambar 30.15)**
Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Pintu Masuk Rantau Panjang, Pasir Panjang / RM10.63 juta.	• Tandas Orang Kelainan Upaya (OKU) berjumlah RM19,616 di bangunan pasar baru Rantau Panjang tidak dilengkapi kemudahan pemegang besi untuk kegunaan OKU. **(Gambar 30.16)** • *Berdasarkan maklum balas JKR, kemudahan pemegang besi untuk kegunaan Orang Kelainan Upaya (OKU) telah dipasang pada 2 November 2011.* **(Gambar 30.17)**

GAMBAR 30.14



Kawasan Arca Burung Kenyalang, Damai, Sarawak
- Hanya Terdapat 6 Buah Bangku Kayu Yang Dibina Di Sekeliling Arca
(12.10.2011)

GAMBAR 30.15



Laluan Pejalan Kaki Berbumbung, Damai, Sarawak
- Menara Yang Dibina Tidak Mempunyai Tangga
(12.10.2011)

GAMBAR 30.16

SEBELUM



GAMBAR 30.17

SELEPAS



Tandas OKU Pasar Baru, Rantau Panjang, Kelantan
- Pemegang Besi Untuk Kegunaan OKU Tidak Dipasang
(18.10.2011)

- Pemegang Besi Telah Dipasang Selepas Teguran Audit
(Sumber: PKPN Kelantan - 02.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Menara tidak direka untuk digunakan sebagai menara tinjau tetapi untuk tujuan estetik.

30.5.3.2. Kualiti Kerja

Mengikut Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 2004, pelaksanaan projek pembangunan antaranya adalah untuk menyediakan kemudahan yang berkualiti tinggi. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 5 kerja dilaksanakan adalah tidak berkualiti atau tidak kemas/tidak sempurna yang melibatkan 4 projek bernilai RM18.62 juta. Butirannya adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 30.10
KERJA YANG TIDAK BERKUALITI

NAMA/KOS PROJEK	KETERANGAN KERJA YANG TIDAK BERKUALITI
Perak	
Cadangan Pembangunan Dan Penempatan Semula Penjaja dan Teluk Nipah *Waterfront* di Teluk Nipah, Pulau Pangkor / RM6.8 juta.	• Simen render di laluan pejalan kaki tidak rata menyebabkan air bertakung. **(Gambar 30.18)** • Wayar elektrik dibiarkan tergantung dan tampalan simen yang kurang kemas. **(Gambar 30.20)**
Cadangan Pemasangan Lampu Hiasan Di Kawasan Pelancongan Pulau Pangkor (Fasa 2) / RM0.99 juta.	Kemasan *Cement Mortar Joint* tidak dibuat dengan sempurna. Masih terdapat lebihan simen yang tidak dibersihkan pada permukaan bata di sebahagian laluan dari Pekan Pangkor ke Pasir Bogak, Pulau Pangkor.
Kedah	
Kerja-kerja Menaiktaraf Kemudahan Boat Cruise di Sungai Kedah, di Old Village Restaurant, Kg. Sakan, Jalan Dato' Kumbar, Alor Setar / RM0.20 juta.	Berlaku mendapan tanah di hadapan jalan masuk ke pontoon serta terdapat rumput yang telah tumbuh di celah turapan. **(Gambar 30.22)**
Kelantan	
Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Pintu Masuk Rantau Panjang, Pasir Panjang / RM10.63 juta.	Plaster pada bingkai pintu tandas awam tidak dibersihkan, jubin dinding tidak digilap, pendawaian elektrik yang diubah tidak ditampal semula, pemasangan *plug* elektrik yang tidak kemas dan kerja kemasan di bahagian apron bagi pemasangan pita kuprum tidak kemas.

GAMBAR 30.18

SEBELUM



GAMBAR 30.19

SELEPAS



Penempatan Semula Penjaja, Di Teluk Nipah, Pulau Pangkor, Perak
- Takungan Air Pada Laluan Pejalan Kaki (01.10.2011)
- Tindakan Pembaikan Telah Diambil Untuk Menghindari Takungan Air Selepas Teguran Audit (Sumber: Majlis Perbandaran Manjung - 10.04.2012)

GAMBAR 30.20

SEBELUM



GAMBAR 30.21

SELEPAS



Penempatan Semula Penjaja, Di Teluk Nipah, Pulau Pangkor, Perak
- Dawai Elektrik Yang Dibiarkan Tergantung (04.10.2011)
- Dawai Elektrik Telah Diperbaiki Selepas Teguran Audit (Sumber: Majlis Perbandaran Manjung - 10.04.2012)



GAMBAR 30.22

Old Village Restaurant, Kg. Sakan, Jalan Dato' Kumbar, Alor Setar, Kedah - Berlaku Mendapan Tanah Di Hadapan Jalan Masuk Ke Pontoon Serta Terdapat Rumput Yang Tumbuh Di Celah Turapan (19.10.2011)

Pada pendapat Audit, Kementerian/PKPN perlu memantau dan menyelia kerja kontraktor dan memastikan ia sentiasa berkualiti. Kerja yang tidak berkualiti perlu diambil tindakan pembaikan dengan segera sebelum projek diserahkan kepada pengguna.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Tindakan pembaikan terhadap takungan air pada laluan pejalan kaki, wayar elektrik tergantung, tampalan simen yang kurang kemas, lebihan simen pada cement mortar, plaster pada bingkai pintu, pendawaian elektrik dan kekemasan di bahagian apron pemasangan pita kuprum telah dibuat antara bulan Februari hingga April 2012.

30.5.4. Penggunaan Kemudahan Pelancongan

Setiap kemudahan pelancongan yang hendak dibangunkan sama ada pembinaan baru atau dinaik taraf perlu dirancang dengan teliti dalam konteks perancangan strategik. Ini adalah bagi memastikan setiap kemudahan pelancongan yang disediakan dapat diguna oleh pelancong dengan selamat, selesa dan mudah. Lawatan Audit ke 5 projek bernilai RM22.49 juta mendapati satu projek dan beberapa komponen dalam 4 projek lagi masih belum digunakan sepenuhnya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 30.11
PROJEK PELANCONGAN YANG TELAH SIAP TETAPI TIDAK DIGUNAKAN SEPENUHNYA

NAMA/KOS PROJEK	TARIKH SIAP	SEBAB TIDAK DAPAT DIGUNAKAN
Perak		
Pembangunan Kemudahan Pelancongan Bukit Larut - Ubahsuai dan Menaik taraf Rumah Rehat Untuk dijadikan Dewan Serbaguna dan Rumah Teh Di Bukit Larut, Taiping / RM3.83 juta.	07.07.2010	Setakat tarikh lawatan Audit pada 6 Oktober 2011, didapati projek ini tidak digunakan langsung walaupun telah siap pada 7 Julai 2010. Dimaklumkan serahan kepada operator projek masih belum dibuat. **(Gambar 30.23** dan **30.24)**
Pembangunan Kemudahan Pelancongan Di Bangunan Terminal Jeti Dan Bumbung Laluan Masuk Di Jeti Pulau Pangkor (Fasa I) / RM5.83 juta.	20.08.2009	• 12 unit kedai di fasa I belum beroperasi disebabkan menunggu penyiapan projek fasa II. **(Gambar 30.25)** • Satu unit restoran telah disewakan kepada Persatuan Nelayan tetapi belum beroperasi. • Tandas Awam sentiasa berkunci menyebabkan tandas tersebut tidak dapat diguna secara optimum (sepenuh masa). Sebagai ganti, tempat mengambil air sembahyang di surau telah dijadikan sebagai tandas sementara dan tempat membuang sampah. **(Gambar 30.27)** • Satu Unit Menara Pandang belum beroperasi dan belum dibuka kepada orang awam.
Pembangunan Kemudahan Pelancongan Di Taman Tasik Taiping / RM2.00 juta.	29.05.2008	Pokok bunga yang dibeli untuk tujuan pengindahan taman tidak ditanam tetapi disimpan di tapak semaian. Dimaklumkan oleh pegawai Majlis Perbandaran Taiping, ini adalah kerana haiwan akan merosakkan/memusnahkan pokok bunga tersebut.

NAMA/KOS PROJEK	TARIKH SIAP	SEBAB TIDAK DAPAT DIGUNAKAN
Kelantan		
Peningkatan Kemudahan Zon Pelancongan Bandar Kota Bharu Dan Buluh Kubu Dan Kampung Kraftangan Kota Bharu. Pakej 12 - Membina 1 unit Gazebo di Pengkalan Bot Penambang, Tebing Sungai Kelantan (LIDO), Kota Baharu/ RM0.20 juta.	20.08.2008	Tebing Sungai ditutup dan kawasan menunggu yang dibina tidak digunakan. Ini kerana terdapat pembinaan tembok tambatan sungai oleh JPS. **(Gambar 30.28)**
Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Pintu Masuk Rantau Panjang, Pasir Panjang / RM10.63 juta.	28.11.2010	Pokok bunga yang ditanam telah dimusnahkan oleh haiwan kerana kawasan tidak berpagar.

GAMBAR 30.23



GAMBAR 30.24



Rumah Teh di Bukit Larut, Taiping, Perak
- Kemudahan Siap Pada 07.07.2010 Tetapi Tidak Digunakan
(06.10.2011)

GAMBAR 30.25

SEBELUM



GAMBAR 30.26

SELEPAS



Laluan Masuk Jeti Pulau Pangkor
- Sebahagian Lot Kedai Yang Belum Beroperasi
(04.10.2011)

- Restoran Jeti, Pulau Pangkor Telah Beroperasi
(Sumber: Majlis Perbandaran Manjung)

GAMBAR 30.27



Laluan Masuk Jeti Pulau Pangkor
- Tempat Mengambil Air Sembahyang
Di Surau Perempuan Dijadikan Tandas
Sementara Dan Tempat Membuang Sampah
(04.10.2011)

GAMBAR 30.28



Tebing Sungai Kelantan (LIDO),
Kota Bharu Kelantan
- Kawasan Menunggu Tidak Digunakan Kerana
Pengkalan Bot Penambang Telah Ditutup
(19.10.2011)

Pada pendapat Audit, masalah berhubung projek yang tidak dapat dimanfaatkan/tidak beroperasi perlu diambil kira dalam pelaksanaan projek akan datang bagi memastikan projek yang dijalankan adalah selaras dengan objektif program dan Kerajaan mendapat *value for money*.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Kemudahan pelancongan seperti gerai, restoran, tandas dan surau, gazebo di Pangkalan Bot Penambang, skulptur dan elemen air dan penanaman telah mula beroperasi/diambil tindakan pembaikan antara bulan Februari hingga bulan April 2012.

30.5.5. Penyenggaraan Dan Pemuliharaan Projek

Memandangkan peruntukan yang besar telah dibelanjakan bagi tujuan penyediaan/naik taraf kemudahan pelancongan, adalah penting kemudahan tersebut disenggarakan dari semasa ke semasa bagi memastikan ia dapat digunakan dengan selamat, selesa dan sepenuhnya supaya objektif program dicapai secara berterusan. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati beberapa komponen/kerja telah disediakan/dinaik taraf berada dalam keadaan yang tidak memuaskan, kotor dan usang yang melibatkan 17 projek bernilai RM69.26 juta. Ini disebabkan antaranya oleh penyenggaraan yang kurang memuaskan oleh agensi pelaksana. Keadaan ini turut disebabkan oleh berlakunya vandalisme yang sukar dibendung di kalangan masyarakat; masalah kecurian serta keadaan persekitaran yang tidak bersesuaian. Butirannya adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 30.12
KEADAAN KEMUDAHAN PELANCONGAN YANG TIDAK DISENGGARA DENGAN BAIK

NAMA PROJEK	KEADAAN KEMUDAHAN PELANCONGAN YANG TIDAK DISENGGARA
Perak	
Pembangunan Kemudahan Pelancongan Bukit Larut - Ubahsuai dan Menaik Taraf Rumah Rehat Untuk Dijadikan Dewan Serbaguna dan Rumah Teh Di Bukit Larut, Taiping.	• Meja di bilik mesyuarat dipenuhi dengan najis burung. **(Gambar 30.29)** • Dinding rumah pam diconteng.
Pembangunan dan Penempatan Semula Penjaja Teluk Nipah *Waterfront* Di Teluk Nipah, Pulau Pangkor.	Pokok besar di hadapan kedai kraf tidak dicantas rapi (trim). **(Gambar 30.30)**
Cadangan Menyelenggara Dan Menaik taraf Kemudahan Awam Dan Infrastruktur Jambatan Gantung, Pulau Pangkor (Fasa 4).	Bangku konkrit dan tiang wakaf yang telah dibina berlumut.
Cadangan Membina Dan Menyiapkan Kemudahan Infrastruktur Pengunjung Di Zoo Taiping.	Bahan penebat haba telah koyak. **(Gambar 30.31** dan **30.32)**
Sarawak	
Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Kampung Budaya Sarawak.	• Lantai pentas di *outdoor amphitheater* berlubang. • Dua buah kerusi di *indoor theater* telah rosak dan soket suis di pentas telah tercabut daripada kedudukan asal. • Tombol pintu di bilik persalinan wanita telah tercabut.
Pembangunan Kemudahan Pelancongan Di Waterfront Kuching, Fasa 2 (Pakej 2 - *Proposed Kuching Waterfront Extention Stage* 1).	Dinding di sepanjang *walkway* yang diconteng di sepanjang dinding yang merosakkan pemandangan. **(Gambar 30.33)**
Menaik taraf Kubu Margherita (Fasa 7).	• Rumput di persekitaran luar bangunan tidak senggara. • Kawasan tapak letak kereta dipenuhi sampah sarap dan semak samun.
Pembangunan Kemudahan Pelancongan Batang Lupar, Riverine Park, Sri Aman.	Laluan ke jeti bot dipenuhi lalang. **(Gambar 30.35)**
Pengindahan Tebingan Sungai Kampung Gersik Ke Kampung Sourabaya.	Laluan melalui tangga terhalang kerana permukaan air dipenuhi sampah dan rumput.
Kedah	
Cadangan Meningkatkan Kemudahan Penginapan di Kawasan Pelancongan Sungai Sedim, Kulim (Fasa 3).	• Papan tanda yang ditutupi dengan tumbuhan menjalar menyukarkan pengunjung untuk membaca arah ke kawasan kemudahan. • Bangunan Pentadbiran terbiar dan dipenuhi dengan lumut. Alat kelengkapan seperti suis dan lampu di bangunan tersebut juga telah hilang. • Terdapat dinding papan yang tercabut **(Gambar 30.37)**. Selain itu, bumbung chalet serta alat kelengkapan seperti kipas dan lampu juga hilang di Chalet Type 1 dan 2, Penginapan Sungai Sedim, Kedah.

NAMA PROJEK	KEADAAN KEMUDAHAN PELANCONGAN YANG TIDAK DISENGGARA
Kerja-kerja Menaik taraf Kemudahan Boat Cruise di Sungai Kedah, di Old Village Restaurant, Kg. Sakan, Jalan Dato' Kumbar, Alor Setar.	Papan tanda penunjuk arah menuju ke kawasan kemudahan tidak disenggara dengan baik. Terdapat tumbuhan menjalar yang menutupi papan tanda hingga menyukarkan pengunjung untuk membaca arah.
Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Taman Seni Budaya Medan Alor Setar. Sub Projek 1 - Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Taman Seni Budaya Medan Alor Setar.	• Kolam air pancutan tidak berfungsi. • Rumah lampu ditumbuhi pokok dan penutup cermin hilang.
Peningkatan Kemudahan Pelancongan Sungai Kedah/Sungai Anak Bukit.	• Keadaan persekitaran *walkway* di Seberang Nyonya di kawasan penempatan setinggan dan dipenuhi dengan semak dan lalang. • Bingkai dinding di Menara Tanjung Chali telah rosak/dicuri.
Pembangunan Pusat Pelancongan Dan Rekreasi Di Sungai Sedim, Kulim *(Tree Top Walk).*	Keadaan parit tersumbat dan ditumbuhi rumput di sebahagian Jalan dan berhampiran dengan jambatan Sungai Reyau.
Kelantan	
Peningkatan Kemudahan Zon Pelancongan Bandar Kota Bharu Dan Buluh Kubu Dan Kampung Kraftangan, Kota Bharu. Pakej 2 - Mengecat Bahagian Dalam Bangunan Pasar Siti Khadijah.	Tangga dinding berlumut.
Pakej 3 - Memasang Jubin Di Tingkat Bawah Dan Tingkat 1 Bangunan Pasar Siti Khadijah.	Jubin tangga telah pecah dan tidak dibaiki.
Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Pantai Irama dan Bandar Bachok.	Tandas Awam/VIP rosak, kotor, peralatan hilang dan tangki air ditempatkan di atas tanah.

GAMBAR 30.29



Rumah Teh Di Bukit Larut, Taiping, Perak
- Meja Mesyuarat Yang Dipenuhi Dengan Najis Burung Di Bilik Mesyuarat Rumah Teh
(06.10.2011)

GAMBAR 30.30



Kedai Kiosk, Waterfront Di Teluk Nipah, Pulau Pangkor, Perak
- Pokok Besar Di Hadapan Kedai Kraf Yang Tidak Dicantas Rapi Dan Dijadikan Tempat Meletakkan Barangan Niaga
(04.10.2011)

GAMBAR 30.31



GAMBAR 30.32



Surau Zoo Taiping, Perak
- Bahan Penebat Haba Yang Koyak
(06.10.2011)

GAMBAR 30.33

SEBELUM



Waterfront Kuching, Sarawak
- Dinding Di Sepanjang Walkway Yang Diconteng Merosakkan Pemandangan
(12.10.2011)

GAMBAR 30.34

SELEPAS



Waterfront Kuching, Sarawak
- Dinding Yang Diconteng Telah Dicat Semula Selepas Teguran Audit
(Sumber: SEDC)

GAMBAR 30.35

SEBELUM



Sungai Batang Lupar, Sri Aman, Sarawak
- Laluan Ke Jeti Bot Dipenuhi Lalang
(13.10.2011)

GAMBAR 30.36

SELEPAS



Sungai Batang Lupar, Sri Aman, Sarawak
- Laluan Melalui Tangga Telah Dibersihkan Selepas Teguran Audit
(Sumber: Majlis Daerah Sri Aman)



GAMBAR 30.37

Chalet Type 1 Dan 2,
Penginapan Sungai Sedim, Kulim, Kedah
- Dinding Papan Yang Tercabut
(18.10.2011)

Pada pendapat Audit, penyenggaraan berkala hendaklah dilaksanakan secara komprehensif dan berterusan bagi memastikan projek dapat digunakan dengan selamat dan selesa oleh pelancong. Selain itu, pemantauan perlu dipertingkatkan bagi menghindari kes vandalisme dan kecurian. Ini adalah penting supaya projek pelancongan yang disediakan/dinaik taraf sentiasa menjadi tarikan pelancong secara berterusan.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Beberapa langkah telah diambil antaranya mengarahkan semua agensi pelaksana untuk menyenggara/memulihara projek yang telah dibina; mengenakan penalti serta menyenaraikan hitamkan agensi pelaksana yang gagal menyenggara/ memulihara projek serta mengarahkan agensi pelaksana yang diluluskan projek kemudahan pelancongan pada masa hadapan untuk membuat perakuan terhadap obligasi menyenggara/memulihara projek. Kementerian juga memaklumkan beberapa tindakan penambahbaikan telah dibuat antara bulan Februari hingga

April 2012. Antaranya seperti penyenggaraan terhadap tumbuhan di hadapan kedai, bangku konkrit, tiang wakaf, penutup longkang, lantai di outdoor amphitheater, kerusi di indoor theater dan tombol pintu, dinding walkway, lalang, sampah, rumput, papan tanda petunjuk arah, rumah lampu, tangga dan jubin tangga.

30.5.6. Pemantauan

Pemantauan terhadap projek kemudahan pelancongan hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan selaras dengan objektif program. Oleh kerana program ini diperkenalkan untuk memberi manfaat kepada industri pelancongan secara khususnya dan negara secara amnya, mekanisme pemantauan perlu dipertingkatkan seperti berikut:

30.5.6.1. Di peringkat Kementerian, Bahagian Prasarana bertanggungjawab untuk memantau semua Projek Pembangunan Kemudahan Pelancongan melalui mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK). Selain itu, Kementerian juga telah mengadakan mesyuarat Pemantauan Pelaksanaan Projek RMKe-9 secara *ad hoc* serta memantau pelaksanaan sesuatu projek melalui laporan kemajuan kerja. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada pemantauan rapi melalui lawatan fizikal telah dibuat secara berkala terhadap kesemua projek memandangkan tiada maklumat mengenainya.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Pemantauan secara fizikal tidak dapat dilaksanakan adalah kerana beban kerja pegawai, kekangan peruntukan kewangan serta masalah pusing ganti pegawai yang tinggi. Nisbah bilangan pegawai berbanding bilangan projek di pelbagai peringkat pelaksana adalah antara 1:44 hingga 1:219.

30.5.6.2. Di peringkat negeri, mekanisme pemantauan dilaksanakan melalui mesyuarat antara Ketua Setiausaha Kementerian dengan Pengarah PKPN. Pemantauan terhadap kerja projek juga dilaksanakan oleh agensi pelaksana dan perunding. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada mesyuarat tapak projek telah dilaksanakan dengan rapi oleh pihak MTPN/PKPN memandangkan tiada maklumat mengenainya. Semakan Audit selanjutnya mendapati Unit Pembangunan di setiap PKPN diletakkan bersekali dengan Unit Pentadbiran dan Kewangan yang diketuai oleh pegawai kontrak gred N41. Dengan itu pemantauan terhadap sesuatu projek akan dilaksanakan oleh pegawai kontrak N41 tersebut dan dibantu oleh pegawai tetap gred N36/N32. Perjawatan bagi pegawai gred N41 adalah secara '*contract of service*' di mana pelantikan ini akan tamat selepas tempoh setahun perkhidmatan. Ini boleh memberi kesan terhadap kesinambungan urusan pemantauan sesuatu projek secara berterusan.

Pada pendapat Audit, beban tugas pegawai pemantau yang tidak sepadan dengan bilangan projek yang dilaksanakan serta pelantikan pegawai secara '*contract of service*' memberi kesan secara tidak langsung terhadap pemantauan projek pelancongan yang dibangunkan/dinaik taraf. Selain itu, Kementerian/PKPN perlu mempertingkatkan penyeliaan terhadap agensi pelaksana dan perunding yang dilantik serta mengambil tindakan yang tegas terhadap pihak yang gagal melaksanakan tugas dengan berkesan.

30.6. SYOR AUDIT

Berdasarkan kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

30.6.1. Kementerian/PKPN perlu menetapkan KPI dan melaksanakannya dengan mengambil kira objektif program ini khususnya bagi menyediakan kemudahan pelancongan yang lebih baik agar imej negara di mata dunia dapat dipertingkatkan.

30.6.2. Kementerian hendaklah menilai *outcome* dan impak daripada projek dalam program ini supaya Kerajaan memperoleh *value for money* untuk setiap perbelanjaan yang dibuat.

30.6.3. Kementerian/PKPN hendaklah merancang dengan mengambil kira faktor kesesuaian lokasi/tanah/reka bentuk supaya kemudahan pelancongan digunakan/ dimanfaatkan dengan selamat, selesa dan mudah bagi memastikan objektif program dicapai dengan berkesan.

30.6.4. Kementerian/PKPN perlu memantau dengan lebih teliti pelaksanaan keseluruhan projek bagi memastikan ia dapat disiapkan dengan sempurna dan mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang gagal melaksanakan kerja sebagaimana yang ditetapkan.

30.6.5. Kementerian/PKPN hendaklah memastikan pihak bertanggungjawab mengambil tindakan segera untuk membaiki kerosakan, kecacatan, meningkatkan tahap keselamatan, memantau kes vandalisme/kecurian dan mengambil langkah untuk membuat penyenggaraan secara berkala supaya projek dapat diguna secara optimum dan berterusan.

30.6.6. Kementerian/PKPN hendaklah mengkaji keperluan dan beban tugas pegawai pemantau supaya sepadan dengan bilangan projek yang dilaksanakan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 229-238
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN PELANCONGAN

31. PROJEK MENAIK TARAF KERETA API BUKIT BENDERA, PULAU PINANG

31.1. LATAR BELAKANG

31.1.1. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kementerian Pelancongan (Kementerian) telah merancang untuk menaik taraf Kereta Api Bukit Bendera, Pulau Pinang bagi menyediakan perkhidmatan kereta api yang cekap, produktif dan berdaya maju sebagai destinasi pelancongan yang menarik. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM68.80 juta di mana RM64.30 juta adalah untuk kos rel dan kereta api termasuk bayaran perunding, manakala baki RM4.50 juta adalah untuk kerja tambahan iaitu kerja pengalihan dan pemasangan kabel baru TNB serta menaik taraf bangunan di 3 stesen. Komponen projek adalah meliputi kerja berikut:

a. Kerja Awam (Sivil) - Merobohkan/menanggalkan rel/landasan sedia ada dan pembinaan trek baru di laluan rel/landasan kereta api sedia ada.

b. Kerja Mekanikal dan Elektrik - Pemasangan peralatan mekanikal dan elektrik; pemasangan peralatan kemudahan menyelamat termasuk sistem amaran keselamatan serta pemasangan gerabak kereta api baru untuk penumpang dan pengangkutan barang-barang.

c. Menaik taraf dan mengubahsuai bangunan di stesen sedia ada serta pembinaan bilik enjin baru di stesen. Stesen Kereta Api Bukit Bendera pula merangkumi stesen di bahagian bawah, tengah dan atas.

31.1.2. Jabatan Kerja Raya (JKR) ialah agensi pelaksana projek ini manakala Pengarah II Cawangan Kerja Bangunan Am dilantik sebagai Pegawai Penguasa projek. Alam Langkawi Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai kontraktor secara tender terbuka untuk melaksanakan projek dalam tempoh 48 minggu bermula pada 28 Oktober 2009 hingga 28 September 2010 dengan nilai kontrak berjumlah RM59 juta. Pemilihan kontraktor yang menawarkan harga terendah dibuat kerana syarikat ini memperoleh markah tertinggi bagi penilaian teknikal, mekanikal dan elektrik serta mempunyai pengalaman berkaitan skop kerja sistem kereta api seperti Projek Kereta Kabel Gunung Mat Cincang, Pulau Langkawi.

31.1.3. Projek menaik taraf telah siap pada 31 Januari 2011 dan Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat pada 31 Januari 2012. Perkhidmatan Kereta Api Bukit Bendera beroperasi setiap hari bermula dari pukul 6.30 pagi hingga pukul 7.00 malam untuk hari bekerja. Manakala pada hujung minggu dan cuti umum, ia mula dibuka dari pukul 6.30 pagi hingga pukul 9.00 malam. Kadar harga tiket bergantung kepada kategori yang telah ditetapkan seperti di **Jadual 31.1** serta **Gambar 31.1** dan **31.2**.

JADUAL 31.1
KADAR HARGA TIKET MENGIKUT KATEGORI

KATEGORI	WARGANEGARA (RM)	BUKAN WARGANEGARA (RM)
Dewasa	8	30
Kanak-Kanak (Umur 3 tahun – 12 tahun)	4	15
Warga Emas (Umur 55 tahun dan ke atas)	4	30
Orang Kelainan Upaya (Warganegara)	Percuma	-
Pakej Keluarga (2 Dewasa dan 2 Kanak-Kanak)	18	70

GAMBAR 31.1



- Bentuk Kereta Api Asal
(Sumber: JKR)

GAMBAR 31.2



- Bentuk Kereta Api Selepas Projek Di Naik Taraf
(Sumber: JKR)

31.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek menaik taraf Kereta Api Bukit Bendera, Pulau Pinang telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

31.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek menaik taraf Kereta Api Bukit Bendera, Pulau Pinang. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Prasarana, Kementerian Pelancongan; Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya; Cawangan Kerja Bangunan Am, Cawangan Mekanikal, Elektrik dan Ukur Bahan, Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang; Unit Perancang Ekonomi Negeri*; Penang Hill Corporation* (PHC) serta Alam Langkawi Sdn. Bhd.

31.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data-data yang berkaitan dengan projek menaik taraf Kereta Api Bukit Bendera, Pulau Pinang. Selain itu, lawatan; pemeriksaan dan temu bual dengan pegawai berkaitan juga telah dijalankan di lokasi yang terlibat.

31.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mei serta pengauditan susulan pada bulan Julai dan Disember 2011 mendapati secara umumnya pengurusan projek menaik taraf Kereta Api Bukit Bendera, Pulau Pinang adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

i. kelewatan menyiapkan projek;
ii. sebahagian kerja naik taraf kurang berkualiti serta terdapat kelemahan operasi perkhidmatan selepas penyerahan kepada PHC khususnya berhubung aspek pengurusan sumber manusia;
iii. kelemahan penyediaan manual operasi yang kurang komprehensif;
iv. kegagalan menyenggara operasi kereta api sebagaimana yang dijadualkan: dan
v. pengurusan aset terpakai kereta api oleh JKR dan PHC juga didapati tidak dibuat dengan teratur.

Selain itu, secara umumnya pelanggan berpuas hati terhadap perkhidmatan yang ditawarkan selepas projek menaik taraf tersebut siap kecuali berhubung kemudahan asas yang ditawarkan dan sistem tiket. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas pihak terlibat adalah seperti di perenggan berikut:

31.5.1. Prestasi Projek

31.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

Mengikut syarat kontrak, tarikh milik tapak projek adalah pada 28 Oktober 2009 dan tarikh siap asal projek adalah pada 28 September 2010. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kontraktor tidak dapat menyiapkan kerja mengikut tempoh yang ditetapkan. Berdasarkan Laporan Kemajuan Kerja Bulan September 2010, peratusan kerja mencapai tahap 94% pada akhir bulan September 2010. Selanjutnya, pihak Audit mendapati Pegawai Penguasa telah meluluskan 2 lanjutan masa selama 126 hari seperti di **Jadual 31.2**. Pegawai Penguasa telah mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja dan mengesahkan bahawa keseluruhan kerja telah siap dengan memuaskan pada 31 Januari 2011. Manakala pihak JKR telah menyerahkan projek secara rasmi kepada pihak PHC pada 19 Mac 2011.

JADUAL 31.2
LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

LANJUTAN MASA	TEMPOH DILIPUTI	TARIKH SIJIL PERAKUAN KELAMBATAN	JUMLAH HARI	SEBAB LANJUTAN MASA
1	28.09.2010 - 30.11.2010	20.09. 2011	64	• Tambahan kerja pemasangan kabel TNB dan Telekom. • Perubahan tarikh milik tapak dari 28 Oktober 2009 kepada 23 Februari 2010 kerana operasi Kereta Api Bukit Bendera ditutup sepenuhnya pada 22 Februari 2010 (atas arahan pejabat SUK Pulau Pinang). • Kedudukan kabel TNB dan telefon sedia ada menghalang kerja pemasangan rel. • Pertambahan kerja *grouting* di bawah rel sedia ada. • Kerja merobohkan dan mengalihkan kuil Hindu. • Kerja-kerja pemecahan batu telah menghalang kerja pembinaan di stesen tengah. • Kejadian kebocoran arus elektrik di stesen tengah. • Kerja tambahan penukaran dari *rubble wall* kepada *soil nailing.* • Kerja penstabilan bangunan di stesen tengah.
2	30.11.2010 - 31.01.2011	30.11.2010	62	• Masalah kabel elektik yang tidak dapat dihidupkan kerana berlakunya kemalangan di mana bangunan stesen telah roboh. • Kejadian tanah cerun runtuh di belakang bangunan pencawang TNB di stesen atas. • Perubahan reka bentuk sistem landasan dari konkrit biasa ke pembinaan jejambat. • Perubahan reka bentuk stesen perhentian di stesen tengah. • Perubahan kedudukan *overhead* kren dari kedudukan asal ke kedudukan baru di stesen atas menyebabkan kerja pengubahsuaian platform. • Kerja pembaikan sistem penghawa dingin sedia ada di stesen bawah telah menyebabkan kerja pengubahsuaian di stesen bawah.

Pada pendapat Audit, projek telah dapat disiapkan setelah mengambil kira 2 lanjutan masa selama 126 hari.

31.5.1.2. Pencapaian Kewangan

a. Berbanding peruntukan siling berjumlah RM68.80 juta, adalah didapati kos keseluruhan projek adalah berjumlah RM63.09 juta, di mana ia meliputi kos asal serta perubahan kerja. Berdasarkan kos tersebut, terdapat peningkatan sebanyak 6.9% daripada kos asal. Perincian kos tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 31.3
PERINCIAN KOS PROJEK

BUTIRAN	NILAI (RM)
Kos Projek	58,997,186
Arahan Perubahan Kerja No. 1 - 7 (Tambahan)	3,201,085
Arahan Perubahan Kerja No. 8 (Kurangan)	(108,000)
Perubahan Harga Kerja No. 7 (Pengukuran Semula)	1,000,000
JUMLAH	**63,090,271**

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

JKR memaklumkan peningkatan kos tersebut disebabkan oleh kerja penggantian kabel TNB serta kerja memperkukuhkan struktur landasan. Perkiraan muktamad bagi harga kontrak terlaras ialah RM67.38 juta iaitu masih tidak melebihi peruntukan sejumlah RM68.80 juta.

b. Berdasarkan semakan terhadap catatan di Buku Harian Tapak Bina, kerja-kerja tambahan telah dilaksanakan terlebih dahulu bagi 5 daripada 8 APK sebelum APK tersebut diluluskan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 31.4
KERJA-KERJA TAMBAHAN DILAKSANAKAN
SEBELUM ARAHAN PERUBAHAN KERJA DILULUSKAN

APK	RINGKASAN KERJA	NILAI (RM)	TARIKH LULUS APK	TARIKH KERJA DILAKSANA	TEMPOH KERJA DILAKSANA TANPA APK (Hari)
1	Memecah batu *granite* sedia ada.	228,000	30.11.2010	22.12.2009	343
2	Merobohkan dan membina semula kuil Hindu serta merobohkan tembok penahan sedia ada.	86,095	30.11.2010	13.11.2009	382
3	Mengeluarkan tanah akibat runtuhan dan membina jalan konkrit yang baru di Jalan Warisan berdekatan Stesen Claremont.	28,250	30.11.2010	16.02.2010	287
4	Pertukaran sistem pencegah kebakaran daripada jenis pyrogen ke jenis FM200.	20,000	30.11.2010	03.12.2010	-
5	Perkhidmatan pengangkutan kenderaan motosikal kepada penduduk Bukit Bendera.	33,000	30.11.2010	TM*	TM*
6	Kerja-kerja menaik taraf pemasangan elektrik sedia ada di stesen bawah, tengah dan atas.	91,740	30.11.2010	25.09.2010	66
7	Kerja-kerja pemasangan Kabel TNB 'High Tension' dan Kabel Telekom.	2,714,000	07.01.2011	20.10.2010	79
8	Pengurangan Kapasiti Generator Set daripada 900kW kepada 710kW.	(108,000)	12.04.2011	TM*	TM*

Nota: ***(*) TM - Tiada Maklumat***

Pada pendapat Audit, kerja tambahan yang dibuat sebelum kelulusan JKR adalah tidak teratur.

31.5.1.3. Pencapaian *Outcome* Projek

Selaras dengan Program Transformasi Kerajaan, *Key Performance Indicator* (KPI) serta *outcome* projek hendaklah ditetapkan oleh Kementerian dengan mengambil kira pendekatan yang boleh diukur selaras dengan objektif sesuatu program yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Analisis Pendapatan Dan Perbelanjaan Operasi

Pihak Audit tidak dapat menilai prestasi sebenar pendapatan berbanding perbelanjaan sebenar untuk perkhidmatan Kereta Api Bukit Bendera bagi tahun

2008 dan 2009 memandangkan maklumat mengenainya tidak dapat dikemukakan oleh PHC dan Kementerian Pelancongan sehingga tarikh pengauditan selesai. Berdasarkan laporan pendapatan bagi bulan Mei dan Jun 2011, pendapatan sebenar PHC berjumlah RM1.80 juta didapati telah melebihi anggaran ditetapkan berjumlah RM1.24 juta. Bagaimanapun, analisis perbelanjaan operasi bagi tempoh yang sama tidak dapat ditentukan kerana maklumat mengenainya tidak dikemukakan kepada pihak Audit.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

PHC memaklumkan rekod kewangan bagi tempoh tersebut tidak dapat dikemukakan memandangkan pengurusan Kereta Api Bukit Bendera adalah di bawah Unit Kereta Api Bukit Bendera (KBB) yang kini telah dibubarkan. PHC hanya mula menjalankan operasi Kereta Api Bukit Bendera mulai 1 Mei 2011.

b. Analisis Operasi Kereta Api

Berdasarkan lawatan fizikal Audit, perkhidmatan kereta api Bukit Bendera selepas dinaik taraf adalah memuaskan berbanding sebelumnya. Antara penambahbaikan perkhidmatan adalah masa menunggu giliran menaiki kereta api dipercepatkan; perjalanan naik dan turun Bukit Bendera yang lebih cepat iaitu hanya mengambil masa 10 minit dan gerabak kereta api boleh memuatkan sehingga 90 orang sekali perjalanan. Bagaimanapun, adalah didapati sistem pengumuman perkhidmatan kereta api kurang memuaskan di mana pengumuman ketibaan di setiap stesen dibuat oleh pemandu berbeza mengikut cara masing-masing. Selaras dengan objektif projek menaik taraf kereta api iaitu untuk menyediakan perkhidmatan kereta api yang berdaya maju sebagai destinasi pelancongan yang menarik, adalah lebih baik sekiranya sistem pengumuman yang seragam direkodkan seperti yang digunakan oleh perkhidmatan *Express Rail Link* (ERL). Selain itu sebagai penambahbaikan kepada sistem perkhidmatan, pihak Audit berpendapat penumpang kereta api perlu diberi penerangan di sepanjang perjalanan mengenai sejarah dan status pembangunan Bukit Bendera supaya mereka dapat menghayati kesan sejarah di samping menikmati pemandangan persekitaran yang menarik di Bukit Bendera, Pulau Pinang.

c. Analisis Bilangan Penumpang

Pihak Audit tidak dapat menilai prestasi bilangan penumpang yang menggunakan perkhidmatan kereta api Bukit Bendera bagi tempoh tahun 2009 hingga bulan Julai 2011 memandangkan maklumat mengenainya tidak dapat dikemukakan oleh PHC dan Kementerian Pelancongan sehingga tarikh pengauditan selesai. Pihak Audit juga tidak dapat memastikan sama ada sasaran terhadap bilangan pengunjung telah ditetapkan bagi tempoh yang sama serta sama ada terdapat mekanisme pemasaran bagi meningkatkan bilangan penumpang telah dilaksanakan memandangkan maklumat mengenainya juga tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit.

d. Analisis Terhadap Kepuasan Pelanggan

Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik terhadap penumpang kereta api Bukit Bendera pada 30 Mei 2011. Seramai 113 responden (penumpang) telah ditemu bual bagi mengukur tahap kepuasan mereka terhadap perkhidmatan kereta api Bukit Bendera. Golongan terbesar adalah terdiri daripada mereka yang berumur 18 hingga 40 tahun 48.7%; wanita 53.1%; serta pelancong tempatan 58.4%. Secara umumnya, sebahagian besar penumpang berpuas hati terhadap perkhidmatan Kereta Api Bukit Bendera pada masa kaji selidik dijalankan. Lebih 50% responden

memberikan ulasan tahap baik; memuaskan dan sangat memuaskan iaitu 92.9% bagi aspek kebersihan; 88.5% bagi aspek kelajuan; 98.2% bagi aspek keselamatan penumpang; 92.9% bagi aspek kemudahan kepada Orang Kelainan Upaya (OKU); 95.6% bagi aspek harga tiket; 94.7% bagi aspek fasiliti yang disediakan dan 98.2% bagi aspek layanan kakitangan. Bagaimanapun, 31% responden tidak berpuas hati dengan aspek keselesaan perkhidmatan terutamanya tempat menunggu dan persekitaran stesen. Analisis Audit selanjutnya terhadap kepuasan pelanggan mendapati terdapat beberapa kelemahan yang disuarakan oleh penumpang khususnya berhubung kemudahan awam dan tempat meletak kereta seperti di gambar berikut:

GAMBAR 31.3



Ruang Kaunter Tiket Di Stesen Bawah
- Hanya 2 Kaunter Tiket Disediakan
(30.05.2011)

GAMBAR 31.4



Ruang Kaunter Tiket Di Stesen Bawah
- Ruang Sempit Dan Sesak
(30.05.2011)

GAMBAR 31.5



Gerai Di Stesen Bawah
- Gerai Masih Belum Dibuka
(30.05.2011)

GAMBAR 31.6



Ruang Menunggu Di Stesen Bawah
- Tempat Menunggu Untuk Membeli Tiket Tidak Beratap Dan Tempat Duduk Terhad
(30.05.2011)

GAMBAR 31.7



Pintu Pagar Masuk
- Tempat Pengawal Keselamatan Di Bawah Payung
(30.05.2011)

GAMBAR 31.8



Tempat Letak Kereta Di Luar Pagar Stesen Bawah
- Tempat Letak Kereta Belum Beroperasi Kerana Belum Mendapat Sijil Layak Menduduki (CF)
(30.05.2011)

Pada pendapat Audit, perkhidmatan Kereta Api Bukit Bendera selepas dinaik taraf adalah memuaskan berbanding sebelumnya dan sebahagian besar penumpang yang ditemu bual berpuas hati terhadap perkhidmatan tersebut. Bagaimanapun, bagi

meningkatkan dan menambahbaik perkhidmatan kereta api tersebut, PHC perlu mempertingkatkan aspek keselesaan perkhidmatan terutamanya tempat menunggu dan persekitaran stesen.

31.5.2. Kualiti Pembinaan

Kerja-kerja naik taraf/pembinaan perlu dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang boleh diterima. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 30 Mei dan 7 Julai 2011 untuk meninjau prestasi kerja kontraktor mendapati beberapa kerja yang dilaksanakan adalah tidak berkualiti atau tidak kemas dan sempurna. Kerja yang tidak berkualiti dan kerja pembaikan yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah seperti di **Jadual 31.5** dan **Gambar 31.9** hingga **31.19**:

JADUAL 31.5
KUALITI KERJA YANG TIDAK MEMUASKAN

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL
Bangunan *TNB Substation* Di *Stesen Atas*	• Panel pencegah kebakaran untuk bilik suis TNB 11kV telah pecah. **(Gambar 31.9)** • Kabel Telekom disangkut kepada *Air Terminal* yang dipasang untuk bangunan TNB substation. **(Gambar 31.10)** • Penutup longkang menggunakan besi tetulang tidak berkualiti. **(Gambar 31.11)** • Dinding bersebelahan kerangka pintu bilik Genset, Switch, TNB Metering, Consumer 11kV switch, Transformer dan MSB tidak dicat dengan sempurna. • Tiada papan tanda nama pada pintu bilik-bilik tersebut.
Tembok Penahan Di *Stesen Atas*	• Kerja konkrit pada permukaan tembok penahan yang tidak sempurna, tidak sekata dan mencacatkan pemandangan.**(Gambar 31.13** dan **31.15)** • Paku dan dawai di dinding tembok penahan tidak dibuang. • Tiada pemasangan *weepholes* untuk tembok penahan.
Bilik Enjin Di *Stesen Atas*	• Minyak *gear box* diletakkan bersebelahan panel elektrik. **(Gambar 31.17)**
Pintu Pagar Di TNB *Substation* Di *Stesen Atas*	• Pemasangan pintu pagar yang tidak sempurna, tanpa pemasangan 3 *Rows of Bulb Wire.* **(Gambar 31.18)** • Pagar keselamatan untuk s*ubstation* TNB tidak menepati ciri-ciri keselamatan kerana boleh dibolosi oleh orang awam atau haiwan. • Pemasangan pagar *chain link* yang tidak sempurna, terdapat ruang di antara pagar dan *plinth* konkrit.

GAMBAR 31.9



Bilik TNB 11kv Switch Di Stesen Atas
- Panel Pencegah Kebakaran Untuk Bilik Suis TNB 11kV Telah Pecah
(30.05.2011)

GAMBAR 31.10



TNB Substation Di Stesen Atas
- Kabel Telekom Disangkut Kepada Air Terminal Yang Dipasang Untuk Bangunan TNB Substation
(30.05.2011)

GAMBAR 31.11

SEBELUM



TNB Substation Di Stesen Atas
- Penutup Longkang Menggunakan Besi Tetulang Tidak Berkualiti
(30.05.2011)

GAMBAR 31.12


SELEPAS



TNB Substation Di Stesen Atas
- Penutup Longkang Yang Telah Diambil Tindakan Pembaikan
(Sumber: Jabatan Kerja Raya - 05.06.2011)

GAMBAR 31.13

SEBELUM



Tembok Penahan Di Stesen Atas
- Kerja Konkrit Pada Permukaan Tembok Penahan Yang Tidak Sempurna, Tidak Sekata Dan Mencacatkan Pemandangan
(30.05.2011)

GAMBAR 31.14


SELEPAS



Tembok Penahan Di Stesen Atas
- Kerja Konkrit Pada Permukaan Tembok Penahan Telah Diambil Tindakan Pembaikan
(Sumber: Jabatan Kerja Raya - 05.06.2011)

GAMBAR 31.15


SEBELUM




Tembok Penahan Di Stesen Atas
- Kerja Konkrit Untuk Tembok Penahan Yang Tidak Sempurna
(30.05.2011)

GAMBAR 31.16

SELEPAS



Tembok Penahan Di Stesen Atas
- Kerja Konkrit Untuk Tembok Penahan Yang Telah Diambil Tindakan Pembaikan
(Sumber: Jabatan Kerja Raya - 15.06.2011)



GAMBAR 31.17

Bilik Enjin Di Stesen Atas
- Minyak Gear Box Diletakkan Bersebelahan Panel Elektrik
(07.07.2011)

GAMBAR 31.18



Pagar TNB Substation Di Stesen Atas
- Pagar Keselamatan Untuk TNB Substation Tidak Menepati Ciri-Ciri Keselamatan Kerana Boleh Dibolosi Oleh Orang Awam Atau Haiwan (30.05.2011)

GAMBAR 31.19



Pagar TNB Substation Di Stesen Atas
- Pagar Keselamatan Untuk TNB Substation Telah Diambil Tindakan Pembaikan (Sumber: Jabatan Kerja Raya - 26.06.2011)

Pada pendapat Audit, JKR perlu menjalankan pemeriksaan dengan lebih rapi dan memastikan semua kerja pembinaan dan kecacatan yang berlaku diperbaiki dengan sempurna oleh kontraktor dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

JKR memaklumkan kerja-kerja kecacatan seperti pemasangan saluran paip air hujan/elbow serta pembaikan panel pencegah kebakaran untuk bilik suis dan penutup longkang di Bangunan TNB substation di Stesen Atas, kerja konkrit di tembok penahan di Stesen Atas, kabel Telekom di bangunan TNB Sub Station, pemasangan pintu pagar di TNB Sub Station, kerja mengecat dan pemasangan papan tanda nama telah dilakukan antara 2 Jun hingga 15 Oktober 2011.

31.5.3. Operasi Perkhidmatan Selepas Penyerahan Projek

Projek Bukit Bendera secara rasminya telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 31 Januari 2011. Lanjutan daripada perkara tersebut, Perbadanan Bukit Bendera (*Penang Hill Corporation - PHC)* dipertanggungjawabkan bagi tujuan pengurusan projek ini. PHC perlu merancang projek dengan teliti termasuklah dari aspek struktur perjawatan, penyediaan prosedur kerja dan latihan; aspek keselamatan pekerja dan penumpang; penyenggaraan serta penyimpanan peralatan dan kelengkapan operasi serta penggunaan kemudahan yang telah disediakan oleh Kementerian supaya pengurusan projek mencapai objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun pihak Audit mendapati pada keseluruhannya PHC tidak membuat perancangan yang teliti sebelum mengambil alih projek menyebabkan berlakunya beberapa kelemahan dari segi operasi perkhidmatan seperti berikut:

31.5.3.1. Waran Perjawatan untuk PHC telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada 10 Ogos 2010, namun sehingga tarikh pengauditan pada bulan Julai 2011, Carta Organisasi PHC masih belum diluluskan oleh Pengurus Besar. Keadaan ini berlaku disebabkan jawatan Pengurus Besar secara tetap masih belum diisi pada masa itu sebaliknya jawatan tersebut ditawarkan secara kontrak kepada YBhg. Dato' Lee Kah Choon yang juga merupakan Pengerusi Invest Penang dan Pengarah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Selain itu, didapati 20 daripada 71 (28.2%) perjawatan yang diluluskan masih belum diisi, di mana 14 (70.0%) daripada 20 kekosongan tersebut melibatkan Bahagian Operasi. Lapan (57.1%) daripada 14 kekosongan perjawatan di Bahagian Operasi merupakan perjawatan teknikal yang terlibat dalam operasi sistem kereta api iaitu Jurutera dan Penolong Jurutera. Adalah didapati PHC tidak mengambil tindakan sewajarnya bagi mengisi kekosongan perjawatan ini sebaliknya telah

mewujudkan 23 perjawatan lain secara kontrak. Antara sebab pengwujudan jawatan kontrak tersebut adalah kerana beberapa jawatan kritikal tidak diambil kira.

Pada pendapat Audit, jawatan Pengurus Besar PHC wajar diisi oleh kakitangan yang dilantik secara tetap bagi memastikan beliau dapat memberikan komitmen dan tumpuan sepenuhnya terhadap operasi PHC. Perjawatan yang masih belum diisi juga perlu diambil tindakan segera agar operasi PHC tidak terjejas.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

Perjawatan terkini telah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan pada bulan November 2011. Sebahagian daripada jawatan kosong telah diiklankan pada bulan April 2012.

31.5.3.2. PHC masih belum mempunyai *Standard Operating Procedures* (SOP) yang lengkap untuk kegunaan dan panduan kakitangan di semua Bahagian iaitu Operasi; Pentadbiran dan Kewangan; Promosi dan Pemasaran serta Penyelidikan dan Pembangunan. Sungguhpun Bahagian Operasi ada menyediakan SOP tetapi tidak dapat ditentukan sama ada ia disediakan untuk keseluruhan aktiviti PHC kerana maklumatnya tidak didokumenkan dengan teratur. Selain itu, adalah didapati hanya 18 daripada 27 kakitangan Bahagian Operasi telah menerima SOP. Berdasarkan temu bual Audit dengan kakitangan terlibat pula, mereka berpendapat SOP yang disediakan tidak menggambarkan proses kerja yang jelas; tidak disertakan dengan Carta Aliran Kerja bagi setiap aktiviti berkaitan; tidak dilengkapkan dengan Senarai Semak untuk memastikan setiap proses dibuat; tidak disertakan dengan Senarai Pegawai Yang Dirujuk dan tidak disertakan dengan Senarai Undang-undang/Standard berkaitan.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 28 Mei 2012


PHC memaklumkan pihaknya telah mengkaji semula SOP yang sedia ada dan membuat pindaan yang berkaitan. SOP yang dipinda tersebut berkuat kuasa mulai bulan November 2011 bagi kegunaan pegawai dan kakitangan di semua Bahagian.

31.5.3.3. PHC tidak menyediakan Senarai Tugas dan Fail Meja untuk setiap kakitangannya. Berikutan perkara tersebut, peraturan dan proses kerja yang jelas dan terperinci tidak dapat disampaikan kepada kakitangannya. Kesannya, sebahagian kerja dilaksanakan mengikut cara tersendiri berdasarkan persepsi masing-masing. Contohnya semasa lawatan Audit dibuat, didapati notis kenyataan awam tidak ditampal dengan teratur seperti di **Gambar 31.20** dan **31.21**. Keadaan ini boleh menjejaskan imej Kerajaan dan juga pengurusan Bukit Bendera di mata umum.

GAMBAR 31.20



GAMBAR 31.21



Ruang Menunggu Di Stesen Atas
- Notis Kenyataan Hanya Digantung/Ditampal Di lampu Dinding Dan Tiang Bangunan (31.05.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

PHC memaklumkan Pengurus Bahagian Khidmat Pengurusan PHC telah menghadiri sesi taklimat penyediaan fail meja oleh SUK Penang pada 15 Mac 2012.

31.5.3.4. Jadual Penyenggaraan telah disediakan oleh pembekal (Syarikat Garaventa) seperti di dalam Manual Operasi yang bertujuan untuk mencegah kerosakan sistem operasi kereta api. Berdasarkan manual tersebut, PHC sebagai operator perkhidmatan kereta api bertanggungjawab untuk menjalankan penyenggaraan berkala secara harian, mingguan dan bulanan. Laporan terhadap penyenggaraan tersebut perlu dikemukakan kepada JKR dan kontraktor. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Hanya sebahagian laporan penyenggaraan harian sahaja dikemukakan untuk semakan bagi bulan Mei, Jun dan Julai 2011. Manakala PHC juga gagal mengemukakan kesemua Laporan Penyenggaraan Harian, Mingguan dan Bulanan bagi bulan tersebut kepada JKR dan kontraktor sungguhpun kedua-dua pihak tersebut telah mengeluarkan surat peringatan beberapa kali.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

PHC memaklumkan sebagai langkah penambahbaikan Laporan Penyenggaraan Harian, Mingguan dan Bulanan bagi bulan Ogos hingga November 2011 telah dikemukakan kepada JKR dan kontraktor.

b. Kaedah penyenggaraan yang dijalankan tidak mengikut standard yang ditetapkan dalam Manual Operasi. Berdasarkan maklum balas kakitangan terlibat, penyenggaraan harian yang dijalankan hanya untuk memastikan sistem operasi secara *visual* dapat berfungsi sedangkan mengikut Manual Operasi, pemeriksaan hendaklah dijalankan secara terperinci bagi setiap peralatan.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

PHC memaklumkan jadual pelan latihan telah diwujudkan bagi mempertingkatkan kaedah penyenggaraan agar menepati standard di dalam manual operasi. Latihan dijalankan dengan kerjasama Syarikat Garaventa dan pihak lain yang mempunyai kepakaran seperti Rapid Penang.

c. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada pemantauan yang rapi telah dibuat oleh Pengurus Operasi dan pegawai penyelia terhadap kerja penyenggaraan yang dijalankan. Ini kerana berdasarkan laporan penyenggaraan yang disemak, terdapat beberapa kes penyenggaraan yang tidak dibuat tetapi disahkan oleh Pengurus Operasi dan pegawai penyelia serta terdapat juga penyenggaraan yang dibuat tetapi tidak mendapat pengesahan oleh Pengurus Operasi dan pegawai penyelia.

31.5.3.5. Berdasarkan laporan JKR, kegagalan penyenggaraan berkala terhadap peralatan sistem kereta api oleh PHC telah menyebabkan peralatan rosak; kotor dan menjejaskan sistem pengaliran seperti di gambar berikut:

GAMBAR 31.22



Coach 1
- Penapis Udara Penghawa Dingin Kotor
(Sumber: Jabatan Kerja Raya)

GAMBAR 31.23




Coach 2
- Sistem "Boggie" Kotor/Berminyak
(Sumber: Jabatan Kerja Raya)

GAMBAR 31.24



Landasan Stesen Tengah
- Kedudukan Wire Rope Berada Di Luar Laluan
(Sumber: Jabatan Kerja Raya)

GAMBAR 31.25



Bilik Kawalan Utama, Stesen Atas
- Penggunaan Gear Box Telah Mencapai 612 Jam Tetapi Minyak Belum Ditukar. Minyak Mesti Ditukar Apabila Mencapai Kapasiti 500 Jam
(Sumber: Jabatan Kerja Raya)

GAMBAR 31.26



Bilik Enjin Di Stesen Atas
- Penapis Udara Di Kekotak Kawalan Kotor Tidak Dicuci
(07.07.2011)

GAMBAR 31.27



Stesen Atas
- Sheave Rosak
(Sumber: Jabatan Kerja Raya)

Pada pendapat Audit, kegagalan PHC menyenggara operasi kereta api sebagaimana yang dijadualkan perlu diambil tindakan sewajarnya oleh pihak PHC, memandangkan ia boleh menjejaskan keselamatan penumpang yang menggunakan perkhidmatan tersebut serta waranti sistem kereta api.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

PHC memaklumkan jadual pelaksanaan pemeriksaan secara berkala telah disediakan mulai bulan Julai 2011 dan telah dibuat penambahbaikan 2 kali iaitu pada bulan September 2011 dan Mac 2012.


31.5.3.6. Kontraktor Alam Langkawi Sdn. Bhd. telah menyediakan Garis Panduan Pelan Tindakan Kecemasan (*Emergency Response Plan* - ERP), di mana 2 skop asas adalah Pelan Kecemasan dan Latihan Kecemasan. ERP hanya boleh diguna pakai setelah

mendapat perakuan dan kelulusan oleh pihak berkuasa berkaitan seperti Jabatan Bomba Dan Penyelamat dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Selain itu, latihan ujian kecemasan mengikut situasi sebenar sebelum bermulanya operasi perkhidmatan Kereta Api Bukit Bendera juga perlu dilaksanakan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Pelan Tindakan Kecemasan yang menyeluruh masih belum disediakan di mana PHC hanya menyediakan Carta Aliran Kerja Kawalan Kecemasan dan Senarai Kakitangan Bertanggungjawab Semasa Kecemasan yang dipamerkan di bilik kawalan. Berdasarkan temu bual terhadap 5 orang kakitangan PHC, proses yang dinyatakan di dalam carta tersebut seperti di **Gambar 31.28** dan **31.29** kurang difahami dan tidak menyeluruh. Selain itu, tiada bukti bertulis menunjukkan bahawa sebarang latihan ujian kecemasan dibuat.

GAMBAR 31.28



GAMBAR 31.29



Bilik Kawalan Di Stesen Atas
- Carta Aliran ERP Dipamer Dalam Bilik Kawalan
(07.07.2011)

Pada pendapat Audit, ketiadaan Pelan Tindakan Kecemasan yang menyeluruh boleh memberi kesan kepada sistem kereta api, pengunjung dan kakitangan PHC. Seandainya berlaku kecemasan, kakitangan terlibat tidak pasti bentuk tindakan yang sepatutnya diambil. Kakitangan juga akan merasa tertekan/cemas untuk menghadapi situasi kecemasan dan seterusnya memberi kesan terhadap sistem operasi serta menjejaskan keselamatan pengunjung.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

PHC memaklumkan Garis Panduan Pelan Tindakan Kecemasan telah disediakan pada bulan Ogos 2011 dan latihan kepada kakitangan mengenai aspek tersebut juga telah dibuat secara berkala.

31.5.3.7. Semakan Audit selanjutnya mendapati kakitangan yang bertanggungjawab dalam operasi tidak diberi latihan sewajarnya dan didedahkan dengan praktis operasi secara *hands-on* terutama Pengurus Operasi dan pegawai penyelia. Hanya 15 orang kakitangan PHC yang merupakan *Core Team* telah menghadiri latihan pengoperasian secara asas oleh kontraktor Alam Langkawi Sdn. Bhd. semasa pembinaan stesen kereta api. Adalah didapati juga Rancangan Latihan Tahunan tidak disediakan oleh PHC bagi keperluan latihan kakitangan. Selain itu, pihak Audit tidak dapat menentukan kelayakan kakitangan Teknikal di Bahagian Operasi yang dilantik sama ada bersesuaian dengan bidang tugas yang dijalankan memandangkan maklumat berkaitan Sijil Akademik tidak dikemukakan kepada pihak Audit.

Pada pendapat Audit, PHC perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab terhadap operasi diberi latihan sewajarnya dan pendedahan pengalaman operasi secara *hands-on* yang mencukupi bagi memastikan kelancaran operasi dan mengelakkan daripada berlakunya kemalangan/kejadian yang tidak diingini.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

PHC memaklumkan Core Team dipertanggungjawabkan untuk melatih kakitangan lain. Selain itu jadual pelan latihan bagi tahun 2012 juga telah disediakan.

31.5.3.8. Peralatan sistem kereta api telah diserahkan oleh Kementerian kepada PHC pada 26 Februari 2011. Semasa lawatan Audit di PHC pada 30 Mei 2011 mendapati peralatan tersebut hanya diletakkan di dalam bilik berkaca yang terletak bersebelahan pintu keluar di stesen bawah (merupakan bekas tapak kafeteria) dan ia boleh dilihat oleh orang awam yang mengunjungi stesen tersebut. Penyimpanan peralatan tersebut didapati tidak teratur, di mana sebahagiannya dibiarkan berselerak di atas lantai (**Gambar 31.30**). Lawatan susulan Audit pada 7 Julai 2011 mendapati keadaan bilik penyimpanan peralatan semakin tidak teratur serta terdapat peralatan kereta api lama yang masih disimpan tetapi tiada senarai inventori disediakan. Rekod pengurusan stor juga tidak diselenggarakan. Ini menyebabkan sebahagian peralatan tidak dapat dikesan dan tindakan pesanan stok gantian lambat dibuat. Keadaan ini berlaku kerana tiada pegawai stor dilantik yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penyimpanan peralatan tersebut.

Pada pendapat Audit, penyimpanan peralatan yang tidak teratur ini memberi risiko terhadap keselamatan dan kebolehgunaan peralatan tersebut untuk jangka masa panjang selain menjejaskan pandangan umum.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

PHC memaklumkan 2 unit stor telah diwujudkan dan senarai rekod stor telah disediakan. Pengurusan stor juga dipertanggungjawabkan kepada seorang Penolong Jurutera.

GAMBAR 31.30



Bilik Penyimpanan Peralatan Dan Spare Parts - Peralatan Dan Spare Parts Kereta Api Berselerak Di Atas Lantai (31.05.2011)

GAMBAR 31.31



Bilik Penyimpanan Peralatan dan Spare Parts - Peralatan Telah Disimpan Dengan Teratur (26.04.2012)


31.5.3.9. PHC telah mendapatkan polisi insurans bagi penumpang kereta api tetapi jumlah insurans yang dilindungi untuk setiap penumpang tidak ditunjukkan di dalam tiket. Selain itu, semakan pada bulan Julai 2011 juga mendapati PHC masih belum membuat permohonan insurans bagi kakitangannya.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

PHC memaklumkan jumlah nilai insurans yang dilindungi untuk setiap penumpang tidak dinyatakan dalam tiket memandangkan cetakan tiket telah dibuat secara pukal sebelum ini. Bagaimanapun cetakan nilai insurans pada tiket akan dibuat pada masa hadapan. Polisi insurans bagi kakitangan PHC juga telah disediakan.

31.5.3.10. Mengikut peraturan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Sijil Perakuan Kelayakan Operasi merupakan lesen operasi sistem kereta api dan ianya perlu dipamerkan. Bagaimanapun, lawatan susulan Audit pada bulan Julai 2011 mendapati sijil tersebut yang pada asalnya dipamerkan di stesen bawah telah ditanggalkan dan disimpan dalam bilik penyimpanan peralatan (**Gambar 31.32** hingga **31.34**). Selain itu, Papan Notis Keselamatan yang telah dibekalkan oleh kontraktor seperti mana ketetapan kontrak didapati hanya disimpan dalam bilik stor peralatan. Adalah diperhatikan juga Papan Kenyataan Berkaitan Sejarah Bukit Bendera yang telah disediakan oleh Kementerian Pelancongan untuk memberi informasi kepada pengunjung juga tidak dipamerkan dan hanya disimpan di dalam bilik stor peralatan.

GAMBAR 31.32 HINGGA 31.34



Kawasan Platform Di Stesen Atas
- Sijil Perakuan Kelayakan Operasi
Oleh JKKP Dipamerkan
(31.05.2011)

Kawasan Platform Di Stesen Atas
- Sijil Perakuan Kelayakan Operasi
Oleh JKKP Ditanggalkan
(07.07.2011)

Pada pendapat Audit, PHC perlu memanfaatkan sepenuhnya kemudahan yang telah disediakan oleh Kementerian/kontraktor bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang telah dibuat.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

PHC memaklumkan reka bentuk papan notis keselamatan, papan sijil kelayakan operasi dan papan sejarah Bukit Bendera sedia ada tidak bersesuaian dengan reka bentuk bangunan dan sebagai penambahbaikan papan tanda tersebut telah siap pada bulan April 2012.

31.5.4. Pengurusan Aset Terpakai Projek (Kereta Api Dan Rel)

Merujuk kepada syarat kontrak, aset yang ditanggalkan oleh kontraktor (peralatan sistem kereta api terpakai) hendaklah dihantar ke stor JKR Pulau Pinang. Aset ini boleh digunakan semula sekiranya diperlukan oleh PHC. Berdasarkan keputusan YB Menteri Pelancongan pada 14 Mac 2010, aset tersebut hendaklah dijual secara tender terbuka dan hasil jualan tersebut akan digunakan bagi tujuan pengindahan di kawasan Bukit Bendera. Semakan Audit mendapati senarai aset telah disediakan oleh kontraktor serta aset tersebut telah disimpan di stor JKR Sungai Pinang dan sebahagian lagi telah disimpan di stesen bawah

Bukit Bendera. Bagaimanapun sehingga kini tindakan pelupusan belum dibuat seperti mana yang telah diputuskan. Semakan selanjutnya mendapati perkara berikut:

31.5.4.1. Aset Di Stor JKR Sungai Pinang

Berdasarkan lawatan fizikal susulan oleh pihak Audit pada bulan Disember 2011, beberapa kelemahan berhubung pengurusan aset terpakai diperhatikan seperti berikut:

a. JKR tidak menyelenggarakan daftar aset yang lengkap; kemas kini dan terperinci mengenai jenis dan kuantiti aset; penempatan aset serta status semasa aset terpakai. Borang Penerimaan berkenaan aset yang diterima daripada kontraktor serta rekod mengenai aset tersebut juga tidak difailkan dengan teratur. Selain itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan aset yang disimpan di JKR secara fizikal memandangkan terdapat perbezaan antara senarai yang disediakan oleh kontraktor dan JKR khususnya berkenaan perincian/spesifikasi; kuantiti dan nilai aset.

b. Lokasi penyimpanan aset adalah di tempat yang terbuka, di mana ia hanya ditempatkan dalam kawasan Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, JKR yang berpagar dengan pagar jenis *chain-link* sahaja. Lokasi tersebut telah dicerobohi sebanyak 5 kali sejak 20 November 2010 hingga semakan dibuat dan terdapat aset yang telah hilang/dipercayai telah dicuri. Sungguhpun laporan polis mengenainya telah dibuat, namun kuantiti dan nilai aset yang hilang tidak dapat ditentukan. Berdasarkan laporan tersebut, berlaku pencerobohan di kawasan sekeliling Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, JKR di mana terdapat kesan pagar yang dipotong. Jenis aset terpakai yang dicuri pula ialah kabel, aluminium dan rel lama. Lanjutan daripada pencerobohan tersebut, JKR memaklumkan telah membina tembok batu di sekeliling kawasan JKR mulai bulan November 2011. Semasa lawatan Audit dibuat, sebahagian besar aset terpakai juga didapati telah dipindahkan ke kawasan *junk yard* sementara tembok batu disiapkan sepenuhnya. Pihak Audit juga dimaklumkan terdapat 3 orang pengawal keselamatan ditugaskan untuk membuat rondaan mulai bulan November 2011.

31.5.4.2. Aset Di Stesen Bawah Bukit Bendera

Berdasarkan lawatan fizikal susulan oleh pihak Audit pada bulan Julai 2011, adalah didapati aset disimpan di tempat yang kurang sesuai di mana ia ditempatkan berhampiran jalan keluar masuk yang tidak berpagar serta boleh dibolosi oleh kenderaan ringan (**Gambar 31.35**). Peralatan tersebut juga disimpan di tempat yang tidak berbumbung (**Gambar 31.36**). Selain itu, pengesahan terhadap aset fizikal sukar dijalankan memandangkan PHC tidak menyelenggarakan daftar aset yang lengkap; kemas kini dan terperinci mengenai jenis dan kuantiti aset; penempatan aset serta status semasa aset yang berkenaan.

GAMBAR 31.35



GAMBAR 31.36



Kawasan Platform Di Stesen Bawah
- Rel Besi Kereta Api Lama Diletakkan Di kawasan Yang Tidak Berpagar Dan Berbumbung
(07.07.2011)

Pada pendapat Audit, ketiadaan rekod yang lengkap dan sempurna serta tempat penyimpanan aset terpakai yang terbuka dan tidak dilengkapkan dengan ciri-ciri keselamatan mendedahkan kepada risiko aset tersebut disalah guna; dicuri dan tidak dapat dikesan/hilang. Sehubungan itu, kawalan terhadap penyimpanan dan penyelenggaraan daftar aset yang lengkap dan kemas kini perlu dipertingkatkan memandangkan aset tersebut bernilai tinggi.

Maklum Balas Kementerian Pelancongan Yang Diterima Pada 28 Mei 2012

JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Pulau Pinang sedang dalam proses menilai sebut harga bagi pelupusan aset projek. Sebut harga telah dibuka pada 11 Mac 2012 dan ditutup pada 11 April 2012. Hasil penilaian akan dipanjangkan kepada SUK Pulau Pinang untuk keputusan bagi tujuan pelupusan.

31.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

31.6.1. JKR perlu menjalankan pemeriksaan dengan lebih rapi dan memastikan semua kerja pembinaan dan kecacatan diperbaiki dengan sempurna oleh kontraktor.

31.6.2. Kegagalan PHC menyenggara operasi kereta api sebagaimana yang dijadualkan perlu diambil tindakan sewajarnya oleh pihak PHC memandangkan ia boleh menjejaskan keselamatan penumpang yang menggunakan perkhidmatan tersebut.

31.6.3. PHC perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab terhadap operasi diberi latihan yang secukupnya dan memberi pendedahan pengalaman operasi secara *hands-on* yang mencukupi bagi memastikan kelancaran operasi dan mengelakkan daripada berlakunya kemalangan atau kejadian yang tidak diingini.

31.6.4. Kawalan terhadap penyimpanan dan penyelenggaraan daftar aset terpakai yang lengkap dan kemas kini perlu dipertingkatkan oleh JKR dan PHC memandangkan aset tersebut bernilai tinggi. Ketiadaan rekod yang lengkap dan sempurna serta tempat penyimpanan aset terpakai yang terbuka dan tidak dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan mendedahkan kepada risiko aset tersebut disalah guna; dicuri dan tidak dapat dikesan/hilang.

31.6.5. Bagi meningkatkan imej Industri Pelancongan Negara di mata dunia serta memastikan Kerajaan mendapat *value for money* atas projek yang dilaksanakan, mesyuarat penyelarasan antara pihak Kementerian Pelancongan; PHC dan JKR perlu dibuat dari semasa ke semasa khususnya bagi mewujudkan perkhidmatan kereta api yang cekap bagi menggalakkan kehadiran pelancong ke Pulau Pinang.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 239-245
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

32. DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
- PENGURUSAN PROJEK INTEGRATED TRANSPORT INFORMATION SYSTEM

32.1. LATAR BELAKANG

32.1.1. Projek Integrated Transport Information System (ITIS) merupakan satu alternatif untuk membangun dan mengintegrasikan sistem maklumat berkaitan pengangkutan dan trafik bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Lembah Klang. **Ia adalah hasil daripada satu kajian yang dilaksanakan oleh Japan International Cooperation Agency pada tahun 1999.** Objektif ITIS adalah antaranya untuk mewujudkan sistem pengumpulan maklumat trafik secara sistematik dan terkini agar ia dapat dimanfaatkan untuk perancangan dan pengurusan lalu lintas serta meningkatkan kecekapan pengurusan insiden.

32.1.2. Pada bulan Jun 2000, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah memaklumkan kepada Kementerian Kewangan bahawa Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-tugas Khas telah bersetuju supaya projek ITIS dilaksanakan oleh sebuah syarikat konsortium yang terdiri daripada Syarikat Elelink Sdn. Bhd., Anekasaga Resources Sdn. Bhd. dan Sinar Dian Technology Sdn. Bhd. Sehubungan itu, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah diarahkan oleh Kementerian Kewangan untuk mengambil tindakan susulan bagi menyelaras pelaksanaan projek tersebut manakala Pengarah, Jabatan Pengangkutan Bandar, DBKL telah dilantik sebagai Pengarah Projek. Pada bulan Januari 2002, Kementerian Kewangan telah meluluskan rundingan harga antara DBKL dan syarikat konsortium berjumlah RM365.74 juta dengan tempoh pelaksanaan selama 32 bulan (1 Ogos 2002 hingga 31 Mac 2005). Pada bulan Jun 2002, Kementerian Kewangan telah melantik KLIA Consultancy Services Sdn. Bhd. sebagai perunding projek dengan yuran berjumlah RM7.31 juta dan kos imbuhan balik berjumlah RM0.68 juta bagi tempoh 16 Ogos 2002 hingga 15 April 2007. Kos keseluruhan pembangunan projek ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Tiga komponen utama Projek ITIS adalah peralatan luar; bangunan *Traffic Management Centre* (TMC) dan aplikasi sistem. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 32.1
KOMPONEN ITIS

KOMPONEN ITIS	PERINCIAN KOMPONEN	KETERANGAN
Peralatan Luar	*Variable Message Signs* (VMS) **(Gambar 32.1)**	• *Used for traffic warning, regulation, routing and management.* • *Providing drivers with timely en-route travel information.*
	Automatic Incident Detection System (AID) **(Gambar 32.2)**	• *Provides automatic incident detective information with regard to travel speeds and traffic volumes for the development of the congestion map.* • *Interlocked with CCTV surveillance system such that in the event of alerts, the closest CCTV will be directed to the incident location.*
	Communication Cabinet **(Gambar 32.3)**	• *Houses all the aggregated signals coming from multiple roadside cabinets and VMS. These signals are then transmitted to the TMC via telco infrastructure.*
	Closed Circuit Television Surveillance System (CCTV) **(Gambar 32.4)**	• *Provides real time traffic monitoring. The system also provides immediate visual verification of incidents reported by the AID system.*
	Automatic Vehicle Location System (AVLS) **(Gambar 32.5)**	• *Provides real time rolling point data to complement static data for network modelling, simulation and predictive analysis.*

KOMPONEN ITIS	PERINCIAN KOMPONEN	KETERANGAN
Bangunan	*Traffic Management Centre* (TMC) **(Gambar 32.6)**	• *The hub or nerve centre of a transportation management system. All raw data collected from dispersed locations will be sent to the TMC for processing and integration; and the processed and relevant information will then be disseminated to drivers.*
Aplikasi Sistem	*Advanced Traffic Management System* (ATMS) **(Gambar 32.7)**	• *Represents the various systems, applications and processes involved in transforming raw data into useful information for generation and formulation of traffic management strategies; and also provides management, control and diagnostic functions for CCTV and VMS systems; as well as incident reporting functions for emergency services.*
	Advanced Traveller Information System (ATIS) **(Gambar 32.8)**	• *The purpose of providing ATIS services is to publish relevant information to the public and other agencies timely, accurately and reliably. The ATIS services provide the public with basic traffic information sufficient for the user to make informed decisions on route choices and time of travel.*

GAMBAR 32.1



Variable Message Signs

GAMBAR 32.2



Automatic Incident Detection System

GAMBAR 32.3



Communication Cabinet

GAMBAR 32.4



Closed Circuit Television Surveillance System

GAMBAR 32.5



Automatic Vehicle Location System (AVLS)

GAMBAR 32.6



Traffic Management Centre (TMC)

GAMBAR 32.7



Advanced Traffic Management System (ATMS)

GAMBAR 32.8



Advanced Traveller Information System (ATIS)

32.1.3. Proses ITIS secara ringkasnya adalah seperti di gambar rajah berikut:

GAMBAR RAJAH 32.1
PROSES ITIS



Sumber: DBKL

32.1.4. Bagi mempertingkatkan operasi perkhidmatan ITIS, DBKL turut mewujudkan *Call Centre* ITIS di TMC yang membolehkan orang awam mendapatkan maklumat mengenai lalu lintas di sesuatu jalan raya pada masa tertentu. Di samping itu, DBKL juga ada menyediakan Perkhidmatan Bantuan Awal kepada pemandu kenderaan di jalan raya yang memerlukan bantuan kecemasan akibat kemalangan atau kerosakan kenderaan. Secara tidak langsung, perkhidmatan tersebut turut membantu mengelakkan serta mengurangkan kesesakan lalu lintas jalan raya apabila berlakunya sesuatu insiden.

32.1.5. DBKL telah mewujudkan Bahagian ITIS, Jabatan Pengangkutan Bandar di Bangunan TMC bagi menguruskan pelaksanaan Projek ITIS. Bahagian ini diketuai oleh seorang Timbalan Pengarah Gred J48 yang bertanggungjawab kepada Pengarah, Jabatan Pengangkutan Bandar Gred JUSA C. Mengikut Manual Prosedur Kerja (MPK), Bahagian ITIS antaranya bertanggungjawab untuk mengurus, menyenggara dan memantau Projek ITIS.

32.1.6. Bagi tujuan penyenggaraan peralatan luar, pihak DBKL telah menandatangani kontrak dengan 8 kontraktor di mana setiap 2 kontraktor dipertanggungjawabkan untuk menyenggarakan salah satu daripada peralatan *Communication Cabinet* (CC)*, Closed Circuit Television* (CCTV), *Automatic Incident Detection System* (AID) dan *Variable Message Signs* (VMS) mengikut zon yang ditetapkan. Had siling bagi setiap kontrak adalah antara RM0.50 juta hingga RM2.50 juta. Kos penyenggaraan keseluruhan berjumlah RM13 juta dengan tempoh kontrak antara bulan Oktober/November 2008 hingga Oktober/November 2010.

32.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Projek ITIS telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

32.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Projek ITIS bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian ITIS, Bukit Jalil serta Jabatan Pengangkutan Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

32.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, dokumen dan rekod serta menganalisis data yang berkaitan dengan pengurusan Projek ITIS. Selain itu, lawatan tapak, pemeriksaan fizikal, temu bual dengan pegawai berkaitan dan edaran soal selidik kepada orang awam juga telah dilakukan.

32.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2011 mendapati pada umumnya pengurusan Projek ITIS adalah kurang memuaskan walaupun peralatan dan skop kerja ITIS telah dibekalkan/dilaksanakan sebagaimana yang ditetapkan dalam syarat kontrak. Antara kelemahan dari aspek pengurusan dan pemantauan Projek ITIS yang menjejaskan keberkesanan dan impak terhadap operasi ITIS adalah seperti berikut:

i. sungguhpun kontraktor luar telah dilantik bagi menyenggara peralatan luar, namun peratus tahap kebolehgunaan peralatan luar seperti CCTV, AID dan VMS yang bernilai RM136.65 juta bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 adalah kurang memuaskan iaitu kurang daripada 50%. Ini antaranya disebabkan kelemahan dalam pengesahan kerja kontraktor penyenggaraan serta ketiadaan alat ganti bagi peralatan yang usang/tidak boleh digunakan;

ii. sebanyak 1,408 (88%) daripada 1,600 AVLS yang dibeli pada harga RM11.37 juta telah digunakan dan penggunaannya adalah terhad dalam tempoh 3 tahun selepas pembekalannya;

iii. permohonan pajakan tanah bagi pembinaan bangunan TMC telah ditolak oleh JKPTG kerana tanah tersebut telah dipajak kepada Technology Park Malaysia (TPM). Ini menyebabkan DBKL terpaksa membayar pajakan kecil berjumlah RM8.49 juta kepada TPM untuk tempoh pajakan selama 30 tahun dan kehilangan hak pemilikan bangunan TMC yang bernilai RM36.87 juta;

iv. sebanyak 10 daripada 18 perkakasan komputer di *workstation* bagi operasi aplikasi ITIS mengalami kerosakan. Ini boleh menjejaskan keseluruhan operasi ITIS sekiranya tindakan segera tidak diambil untuk mengatasinya; dan

v. pihak Audit juga tidak dapat menentukan sejauh mana keberkesanan pelaksanaan projek ini yang secara keseluruhannya berjumlah RM365.74 juta telah mencapai objektif yang ditetapkan memandangkan pihak DBKL belum pernah menjalankan analisis kos faedah sebelum dan selepas pembangunan Projek ITIS.

Maklumat lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas DBKL adalah seperti di perenggan berikut:

32.5.1. Prestasi Projek

32.5.1.1. Pencapaian Fizikal

a. Mengikut syarat kontrak, tarikh Projek ITIS dimulakan adalah pada 1 Ogos 2002 dan tarikh siap asal projek adalah pada 31 Mac 2005. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati projek hanya disiapkan pada 31 Disember 2005 iaitu setelah satu lanjutan masa selama 9 bulan (1 April 2005 hingga 31 Disember 2005) diluluskan. Projek ini telah diserahkan secara rasmi kepada DBKL pada 1 Januari 2006. Antara sebab lanjutan masa diluluskan oleh DBKL adalah kerja-kerja pengujian dan pentauliahan peralatan luar ITIS tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati peralatan bernilai RM192.32 juta telah dibekalkan sebagaimana yang ditetapkan dalam syarat kontrak. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 32.2
PERALATAN LUAR ITIS YANG DIBEKALKAN

PERALATAN	BIL. DIBEKALKAN (Unit)	NILAI (RM Juta)
Closed Circuit Television (CCTV)	255	69.30
Automatic Incident Detection (AID)	728	
Variable Message Signs (VMS)	140	67.35
Communication Cabinet (CC)	89	44.30
Automatic Vehicle Location System (AVLS)	1,600	11.37
JUMLAH	**2,812**	**192.32**

b. Jabatan Pengangkutan Bandar, DBKL telah menetapkan Piagam Pelanggan mengenai tempoh masa untuk menghebahkan maklumat perubahan lalu lintas melalui ITIS iaitu sekurang-kurangnya 3 hari bekerja sebelum sesuatu acara atau kerja terancang dijalankan. Berdasarkan Laporan Pencapaian Paparan *Variable Message Signs* (VMS) bagi tempoh tahun 2009 hingga bulan April 2011, adalah didapati secara umumnya kesemua 80 paparan acara telah dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan.

c. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, pihak DBKL telah menerima sebanyak 51,432 panggilan melalui *Call Centre* untuk mendapatkan maklumat trafik serta membuat aduan berhubung kerosakan peralatan**.** Adalah didapati kebanyakan

panggilan adalah dari stesen radio. Merujuk kepada analisis statistik yang dibuat oleh pihak DBKL terhadap setiap panggilan yang diterima melalui *Call Centre* bagi bulan Januari hingga Disember 2010, didapati hanya 1% daripada 16,039 panggilan yang tidak dapat diberikan maklumat trafik. Ini disebabkan antaranya oleh CCTV yang tidak berfungsi di kawasan pemanggil dan maklumat trafik yang diminta di luar kawasan liputan ITIS. Bagaimanapun, analisis statistik yang sama tidak dijalankan pada tahun 2009 dan 2011 menyebabkan peratus pencapaian panggilan melalui *Call Center* yang diberikan maklumat trafik bagi 2 tahun tersebut tidak dapat ditentukan. Butiran panggilan melalui *Call Centre* adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 32.3
PANGGILAN MELALUI *CALL CENTRE*
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	BIL. PANGGILAN
2009	19,845
2010	16,039
2011	15,548
JUMLAH	**51,432**

d. DBKL juga menetapkan tempoh masa untuk memberi bantuan awal iaitu tidak melebihi 30 minit daripada waktu sesuatu kes insiden diterima. Berdasarkan Laporan Bantuan Awal yang disediakan oleh Bahagian ITIS, didapati prestasi bantuan awal adalah memuaskan iaitu 99% bagi tahun 2010 dan 100% bagi tahun 2011. Bagi tahun 2009, pencapaiannya tidak dapat ditentukan kerana statistik bantuan awal tidak disediakan oleh Bahagian ITIS. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 32.4
PENCAPAIAN BANTUAN AWAL BAGI TAHUN 2010 DAN 2011

TAHUN	*RESPONSE TIME*					
	2010			2011		
MASA	KEMALANGAN (Bil. Kes)	KENDERAAN ROSAK (Bil. Kes)	LAIN-LAIN* (Bil. Kes)	KEMALANGAN (Bil. Kes)	KENDERAAN ROSAK (Bil. Kes)	LAIN-LAIN* (Bil. Kes)
<15 minit	98	296	13	36	90	3
<30 minit	40	76	4	5	7	0
<45 minit	1	2	0	0	0	0
<60 minit	0	1	0	0	0	0
>1 jam	0	1	0	0	0	0
JUMLAH	**139**	**376**	**17**	**41**	**97**	**3**

Nota: ***(*) - Pokok Tumbang, Kenderaan Terbakar Dan Banjir Kilat***

Pada pendapat Audit, prestasi perkhidmatan sokongan bagi operasi ITIS seperti paparan acara melalui VMS, *Call Centre* dan perkhidmatan bantuan awal telah dibuat dengan baik.

32.5.1.2. Prestasi Kewangan

a. Kos projek yang diluluskan berjumlah RM365.74 juta dan perbelanjaan sebenar berjumlah RM339.07 juta (92.7%). Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 32.5
JUMLAH PERBELANJAAN SEBENAR
PROJEK INTEGRATED TRANSPORT INFORMATION SYSTEM (ITIS)

SKOP	BUTIRAN	KOS KONTRAK (RM Juta)	KOS SEBENAR (RM Juta)
A	*Preliminaries and General Equipments*	40.28	40.28
B	*Builder's Works*	-	-
	1. Traffic Surveillance and Data Collection	69.30	69.30
	2. Variable Message Signs System	67.35	67.35
	3. Communication Cabinet	44.30	44.30
	4. Automatic Vehicle Location System	11.37	11.37
	5. TMC Building	22.57	22.57
	6. ATMS Sevices	42.29	42.29
	7. Traffic Information Centre	12.38	12.38
	8. ATIS Services	7.86	7.86
C	*Provisional Sum*	48.04	21.37
JUMLAH		**365.74**	**339.07**

b. Kerja penyenggaraan peralatan ITIS dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik mengikut jenis peralatan luar. Peruntukan yang diluluskan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 berjumlah RM20.46 juta dan kos sebenar yang telah dibelanjakan berjumlah RM16.21 juta (79.2%). Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 32.6
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PENYENGGARAAN PERALATAN LUAR ITIS

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUSAN (%)
2009	8.06	7.56	93.8
2010	7.40	5.60	75.7
2011	5.00	3.05	61.0
JUMLAH	**20.46**	**16.21**	**79.2**

32.5.1.3. Pencapaian *Outcome*

a. Selaras dengan Program Transformasi Kerajaan, *Key Performance Index* (KPI) hendaklah ditetapkan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi dengan mengambil kira pendekatan yang boleh diukur selaras dengan objektif sesuatu program yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati DBKL telah menetapkan KPI bagi Projek ITIS iaitu berdasarkan bilangan kes bantuan awal/panggilan insiden yang diselesaikan serta bilangan peralatan VMS yang boleh berfungsi. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada DBKL (setakat bulan Ogos 2011), pencapaian KPI bagi projek ini adalah baik kerana kesemua kes bantuan awal/panggilan insiden dapat diselesaikan serta bilangan peralatan VMS yang boleh berfungsi secara bulanan mencapai 78%.

Pada pendapat Audit, sungguhpun KPI yang ditetapkan telah mencapai sasaran, namun ia tidak mencukupi untuk mencapai objektif atau *outcome* Projek ITIS iaitu untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Bandaraya Kuala Lumpur. Sehubungan itu, DBKL disarankan menetapkan lebih banyak KPI yang menjurus kepada pencapaian objektif ITIS. Antaranya dengan menetapkan KPI berhubung dengan perubahan bacaan halaju kenderaan (speed reading) di Bandaraya Kuala Lumpur mengikut lokasi terpilih.

Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Projek ITIS tidak direka bentuk untuk mencapai KPI berhubung dengan perubahan bacaan halaju kenderaan (speed reading). Bagaimanapun, DBKL mengambil maklum syor Audit untuk penambahbaikan pada masa hadapan.

b. Bagi tujuan membuat analisis terhadap kepuasan pelanggan, pihak Audit telah mendapatkan maklum balas daripada 150 pengguna jalan raya terhadap pelaksanaan projek ini melalui borang soal selidik yang diedarkan. Analisis Audit terhadap maklum balas yang diterima secara umumnya mendapati perkara seperti berikut:

   i. 70.6% pengguna jalan raya tidak tahu tentang kewujudan dan tidak menggunakan perkhidmatan ITIS.

   ii. 70.6% pengguna jalan raya tidak tahu nombor *Hotline* untuk mendapatkan maklumat trafik terkini.

   iii. Tiada pengguna jalan raya yang pernah menggunakan *Hotline* untuk mendapatkan maklumat trafik terkini.

   iv. 64.7% pengguna jalan raya tidak pernah melayari Laman Web ITIS untuk mendapatkan maklumat trafik terkini.

c. Daripada 29.4% pengguna jalan raya yang menggunakan perkhidmatan ITIS, pada umumnya lebih 50% responden memberikan penilaian tahap memuaskan (sederhana) terhadap perkhidmatan bantuan awal; maklumat di laman web; kebolehfungsian dan kesesuaian peralatan serta maklum balas *Hotline.* Manakala lebih 50% responden memberikan tahap baik dan sangat baik bagi aspek maklumat ITIS adalah terkini dan fungsinya dalam membantu pengurusan lalu lintas.

Pada pendapat Audit, sebahagian besar responden yang ditemu bual tidak tahu tentang kewujudan dan tidak menggunakan perkhidmatan ITIS. Bagaimanapun, bagi responden yang menggunakan perkhidmatan ITIS, pada umumnya mereka berpuas hati terhadap perkhidmatannya.

Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Langkah yang sewajarnya turut diambil dengan mengadakan publisiti dan memberitahu orang ramai tentang kewujudan perkhidmatan ITIS. Antaranya adalah melalui program hari terbuka, perasmian laman web, Ekspo ITIS, lawatan orang ramai ke TMC serta sebaran melalui SMS Alert, Facebook dan Twitter.

32.5.2. Keperluan Perolehan/Pembangunan

Sesuatu projek hendaklah dirancang dengan teliti serta kajian pasaran mengenainya dibuat supaya pelaksanaannya mencapai objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada perancangan yang teliti telah dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), JPM untuk mengenal pasti keperluan sebenar pembangunan Projek ITIS memandangkan maklumat mengenainya tidak dikemukakan kepada DBKL yang dipertanggungjawabkan sebagai pelaksana projek sehingga tarikh pengauditan selesai. Pihak Audit juga tidak dapat memastikan sama ada UPE telah menjalankan kajian pasaran terhadap perolehan yang dibuat memandangkan maklumat mengenainya juga tidak dapat dikemukakan kepada DBKL.

Pada pendapat Audit, keperluan perolehan/pembangunan sistem serta kajian pasaran berkaitannya perlu dibuat sebelum pelaksanaan projek akan datang bagi memastikan *viability* projek serta Kerajaan mendapat *value for money* atas perbelanjaan yang dibuat.

Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Projek ini adalah inisiatif Kerajaan dan diputuskan oleh Kementerian Kewangan manakala DBKL diarahkan sebagai pelaksana projek. Pihak kontraktor telah membuat site survey untuk menentukan kesesuaian lokasi peralatan dan telah disahkan oleh pihak perunding.

32.5.3. Penyenggaraan Peralatan Luar ITIS

32.5.3.1. Pelantikan Kontraktor

Bagi tujuan pelantikan kontraktor terbaik untuk menyenggara peralatan luar, proses pemilihan adalah dibuat berdasarkan penilaian dari aspek teknikal dan kewangan. Selain itu, Lembaga Perolehan juga mengambil kira peratus pengurangan daripada kadar harga jabatan yang meliputi 3 jenis kadar yang ditawarkan oleh penender iaitu kadar harga A hingga C. Atas keputusan Lembaga Perolehan, pihak DBKL telah menandatangani kontrak dengan 8 kontraktor di mana setiap 2 kontraktor dipertanggungjawabkan untuk menyenggarakan *Communication Cabinet* (CC), *Closed Circuit Television* (CCTV), *Automatic Incident Detection* (AID) dan *Variable Message Signs* (VMS) mengikut zon yang ditetapkan. Had siling kontrak adalah antara RM0.50 juta hingga RM2.50 juta dan tempoh kontrak ialah antara bulan Oktober/ November 2008 hingga Oktober/November 2010. Sehubungan itu, kesemua kontrak penyenggaraan telah dilanjutkan sehingga 30 April 2011. Pada umumnya, adalah didapati kontraktor yang dilantik oleh Lembaga Perolehan DBKL untuk kerja penyenggaraan peralatan luar adalah sebagaimana yang disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian DBKL. Butiran kontraktor yang dilantik adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 32.7
SENARAI KONTRAKTOR YANG DILANTIK

KONTRAKTOR	HAD SILING KONTRAK (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK ASAL	SKOP KERJA
Uniperkasa (M) Sdn. Bhd.	0.50	22.10.2008 - 21.10.2010	*Maintenance of 42 Communication Cabinet.*
Sri Cendana Engineering	0.50	22.10.2008 - 21.10.2010	*Maintenance of 47 Communication Cabinet.*
Infinity Prospect (M) Sdn. Bhd.	2.00	14.11.2008 - 13.11.2010	*Maintenance of 128 Closed Circuit Television.*
Bekalan Elektrik Ibukota Sdn. Bhd.	2.00	14.11.2008 - 13.11.2010	*Maintenance of 127 Closed Circuit Television.*
UH Engineering Sdn. Bhd. (Malconstrukt (M) Sdn. Bhd.)	1.50	28.10.2008 - 27.10.2010	*Maintenance of 72 Variable Message Signs.*
KEMJ Engineering Sdn. Bhd.	1.50	28.10.2008 - 27.10.2010	*Maintenance of 68 Variable Message Signs.*
Turbine Technique Sdn. Bhd.	2.50	28.10.2008 - 27.10.2010	*Maintenance of 364 Automatic Incident Detection System.*
Light & Power Construction Sdn. Bhd.	2.50	28.10.2008 - 27.10.2010	*Maintenance of 364 Automatic Incident Detection System.*

32.5.3.2. Pelaksanaan Penyenggaraan

Kontraktor yang telah dilantik perlu menjalankan *preventive maintenance* terhadap semua jenis peralatan dan sistem berkaitan serta *remedial maintenance*. Semakan Audit terhadap *job sheet* yang dipilih bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 mendapati pada umumnya kerja penyenggaraan yang dibuat adalah teratur kecuali *preventive maintenance* seperti berikut:

a. Mengikut syarat kontrak, *preventive maintenance* terhadap peralatan perlu dilakukan mengikut kekerapan yang ditetapkan seperti di **Jadual 32.8**. Bagaimanapun, didapati kerja penyenggaraan yang telah dijalankan oleh kontraktor tidak dilaporkan mengikut format seperti mana yang ditetapkan dalam syarat kontrak.

JADUAL 32.8
SKOP DAN KEKERAPAN *PREVENTIVE MAINTENANCE*

KEKERAPAN	PERKARA
2 kali sehari	*Reporting of health status.*
Setiap bulan	*Check for vandalism. Report visible obstruction that may affect visibility.*
Setiap 2 bulan	*General cleaning any moving parts in those areas where system performance may be degraded.*
Setiap 6 bulan	*Check and adjust roadside electronics including surge suppressors, voltage regulators, UPS, electronics calibration, integrity of power surge and lighting protection.*

Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Kontraktor telah menjalankan penyenggaraan harian serta penyenggaraan setiap 2 dan 6 bulan tetapi semuanya dilaporkan di dalam laporan bulanan.

Pada pendapat Audit, pelaporan kerja penyenggaraan secara keseluruhan di dalam laporan bulanan tersebut boleh menimbulkan kekeliruan. Sehubungan itu, adalah dicadangkan agar laporan berasingan mengikut kekerapan disediakan sebagaimana ketetapan kontrak.

b. Mengikut syarat kontrak, *job sheet* perlu ditandatangani oleh pihak kontraktor yang menjalankan kerja penyenggaraan dan disahkan oleh pihak DBKL sebaik sahaja sesuatu kerja tersebut disempurnakan. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap sampel *job sheet* mendapati pengesahan yang dibuat oleh pihak DBKL adalah antara 4 hingga 134 hari dari tarikh perakuan kerja penyenggaraan peralatan luar oleh pihak kontraktor. Malahan bagi bulan Januari hingga April 2011, sebahagian besar kerja penyenggaraan didapati tidak disahkan oleh pihak DBKL.

Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Antara sebab kelewatan adalah kontraktor mengemukakan dokumen tuntutan yang tidak lengkap dan perlu dipulangkan semula untuk diperbetulkan.

Pada pendapat Audit, DBKL perlu meningkatkan pemantauan terhadap kerja kontraktor dan memastikan kontraktor mematuhi kekerapan kerja penyenggaraan yang ditetapkan.

32.5.4. Penggunaan Dan Penyimpanan Peralatan

32.5.4.1. Berdasarkan Laporan Prestasi Peralatan ITIS yang disediakan oleh Bahagian ITIS, adalah didapati tahap penggunaan peralatan luar utama yang menyokong operasi ITIS bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 adalah kurang memuaskan di mana peratusan tahap kebolehgunaan bagi sebahagian besar daripada peralatan luar utama ITIS khususnya bagi peralatan CCTV dan AID adalah di bawah 50%. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 (sampel bulan September), tahap kebolehgunaan CCTV adalah antara 43.5% hingga 49% daripada keseluruhan 225 peralatan dan tahap kebolehgunaan AID adalah antara 16.1% hingga 40% daripada keseluruhan 728 peralatan. Manakala tahap kebolehgunaan VMS adalah antara 32.1% hingga 72.9% daripada keseluruhan 140 peralatan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 32.9
KEDUDUKAN PERALATAN LUAR UTAMA ITIS
PADA BULAN SEPTEMBER TAHUN 2009, 2010 DAN 2011

PERALATAN	NILAI PERALATAN (RM Juta)	BIL. DIPASANG	STATUS PADA BULAN SEPTEMBER (Unit Dan Peratusan)					
			2009		2010		2011	
			BERFUNGSI	TIDAK BERFUNGSI	BERFUNGSI	TIDAK BERFUNGSI	BERFUNGSI	TIDAK BERFUNGSI
CCTV	69.30	255	119 (46.7%)	136 (53.3%)	111 (43.5%)	144 (56.5%)	125 (49.0%)	130 (51.0%)
AID		728	266 (36.5%)	462 (63.5%)	117 (16.1%)	611 (83.9%)	291 (40.0%)	437 (60.0%)
VMS	67.35	140	102 (72.9%)	38 (27.1%)	45 (32.1%)	95 (67.9%)	70 (50.0%)	70 (50.0%)
CC	44.30	89	84 (94.4%)	5 (5.6%)	79 (88.8%)	10 (11.2%)	80 (89.9%)	9 (10.1%)

32.5.4.2. Berdasarkan temu bual dengan jurutera penyenggaraan DBKL, pihak Audit dimaklumkan antara sebab tahap kebolehgunaan yang rendah ialah kelemahan dalam pengesahan terhadap kerja kontraktor serta ketiadaan alat ganti bagi peralatan yang usang/tidak boleh digunakan.

Pada pendapat Audit, sungguhpun kontraktor luar telah dilantik bagi menyenggara peralatan luar dengan perbelanjaan berjumlah RM16.21 juta bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, namun peratusan tahap kebolehgunaan peralatan luar khususnya CCTV, AID dan VMS yang bernilai RM136.65 juta adalah kurang memuaskan. Sekiranya masalah tahap kebolehgunaan peralatan luar tersebut tidak ditangani segera, ia akan memberi kesan signifikan terhadap keberkesanan dan kebolehpercayaan terhadap maklumat trafik yang disalurkan kepada pengguna jalan raya.

Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Antara sebab kepada masalah tersebut adalah peralatan luar ITIS telah melebihi jangka hayat, sering mengalami kerosakan dan masalah untuk mendapatkan alat ganti peralatan. Peralatan tersebut juga terdedah kepada perbuatan vandalisme dan kecurian.

32.5.4.3. Mengikut syarat kontrak, satu jenis peralatan luar Projek ITIS iaitu *Automatic Vehicle Location System* (AVLS) perlu dipasang kepada 1,600 kenderaan bagi mengumpul *rolling point data* daripada kenderaan yang berkenaan berhubung dengan sebarang kejadian atau kes kecemasan serta memberi maklumat terperinci berkaitan perjalanan kenderaan tersebut. Antara kenderaan yang dipasang dengan AVLS adalah bas awam bagi perkhidmatan Intrakota, Rapid KL, Cityliner dan Triton Bus, teksi yang dikendalikan oleh Sunlight Taxi; serta kenderaan Jabatan Mekanikal dan Penguatkuasaan, DBKL. Semua data yang dikumpulkan melalui AVLS akan dihantar kepada *Traffic Management Centre* (TMC) untuk diproses dan dianalisis bagi mengeluarkan *congestion map* untuk sesuatu kawasan yang diingini. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Berbanding 1,600 peralatan tersebut yang dibekalkan pada nilai RM11.37 juta, adalah didapati hanya 1,408 (88%) peralatan telah dipasangkan kepada kenderaan. Berdasarkan semakan terhadap surat KLIA Consultancy Services Sdn. Bhd. bertarikh 11 Ogos 2006, pihak Audit mendapati baki 192 (12%) peralatan AVLS tidak digunakan langsung dan hanya disimpan di stor.

Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Baki 192 unit yang tidak digunakan telah dijadikan sebagai stok simpanan bagi penggantian peralatan apabila rosak semasa pengoperasian AVLS.

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati AVLS tersebut yang mula digunakan pada tahun 2005 telah diberhentikan operasinya mulai tahun 2008. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan tarikh dan punca sebenar pemberhentian operasi AVLS memandangkan DBKL tidak dapat mengemukakan sebarang dokumen atau rekod kepada pihak Audit bagi mengesahkannya.

Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

AVLS telah diberhentikan pada bulan Julai 2008 disebabkan maklumat yang diperoleh tidak dapat digunakan secara berfaedah; kos penyenggaraannya terlalu tinggi iaitu dianggarkan berjumlah RM120,000 sebulan; kurang kerjasama daripada pengusaha operasi/pemandu kenderaan serta masalah vandalisme.

32.5.4.4. Hasil pemeriksaan fizikal terhadap stok peralatan AVLS di stor TMC pada 31 Oktober 2011 mendapati daripada 1,408 peralatan AVLS yang telah dipasangkan kepada kenderaan, hanya 263 (18.7%) daripadanya yang telah ditanggalkan (akibat pemberhentian operasinya) dapat dikesan dan disimpan dalam 3 kotak berasingan di dalam stor tersebut. Namun didapati penyimpanannya tanpa kawalan keselamatan yang teratur di mana kotak-kotak tersebut hanya diletakkan di atas meja. Pihak Audit tidak dapat mengesan baki 192 stok peralatan AVLS yang langsung tidak pernah digunakan memandangkan ia tidak disimpan di stor yang sama serta kegagalan DBKL untuk menyediakan rekod yang teratur berkenaannya. **Gambar 32.9** hingga **32.11** menunjukkan 263 peralatan AVLS yang disimpan di stor TMC semasa pemeriksaan Audit dijalankan.

GAMBAR 32.9



Traffic Management Centre
- Stok Peralatan AVLS Yang Ditanggalkan Daripada Kenderaan Disimpan Dalam Kotak 1 Dan Hanya Diletakkan Di Atas Sebuah Meja Di Stor (31.10.2011)

GAMBAR 32.10



Traffic Management Centre
- Stok Peralatan AVLS Yang Ditanggalkan Daripada Kenderaan Disimpan Dalam Kotak 2 Dan Hanya Diletakkan Di Atas Sebuah Meja Di Stor (31.10.2011)



GAMBAR 32.11

Traffic Management Centre
- Stok Peralatan AVLS Yang Ditanggalkan Daripada Kenderaan Disimpan Dalam Kotak 3 Dan Hanya Diletakkan Di Atas Sebuah Meja Di Stor (31.10.2011)

Pada pendapat Audit, pembelian 1,600 peralatan AVLS pada nilai RM11.37 juta adalah satu pembaziran kepada Kerajaan memandangkan tempoh penggunaannya yang singkat iaitu hanya 3 tahun.

Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Baki 1,145 unit peralatan AVLS tidak dipulangkan oleh operator bas/teksi disebabkan kos penanggalan peralatan AVLS adalah sangat tinggi iaitu dianggarkan berjumlah RM400,000 (perlu ditanggung oleh DBKL) serta peralatan tersebut tidak lagi berfungsi dengan baik. DBKL juga memaklumkan 174 unit daripada 192 unit (stok gantian) peralatan AVLS telah digunakan dan baki 18 unit masih disimpan dalam stor.

32.5.4.5. Pihak Audit selanjutnya telah membuat pemeriksaan ke lokasi pemasangan peralatan luar Projek ITIS di beberapa jalan raya di Kuala Lumpur pada 28 September 2011. Pemeriksaan tersebut yang telah dibuat terhadap 16 *Variable Message Signs* (VMS); 10 *Communication Cabinet* (CC); 23 *Closed Circuit Television* (CCTV) serta 61 *Automatic Incident Detection System* (AID) mendapati perkara berikut:


a. Hanya 8 (50%) daripada 16 peralatan VMS masih berfungsi. Namun, peralatan yang berfungsi ini hanya memaparkan mesej makluman umum dan bukannya maklumat mengenai trafik. *Berdasarkan maklum balas DBKL, paparan mengenai trafik biasanya akan dipaparkan pada masa kesibukan trafik (peak hours) sahaja.*

b. Satu (10%) daripada 10 peralatan CC tidak berfungsi.

c. Sebanyak 18 (78.3%) daripada 23 peralatan CCTV tidak berfungsi.

d. Sebanyak 28 (45.9%) daripada 61 peralatan AID tidak berfungsi.

GAMBAR 32.12



Lebuhraya Persekutuan - Jalan Klang Lama/Lebuhraya Damansara Puchong - VMS No. 66 Yang Tidak Berfungsi (28.09.2011)

GAMBAR 32.13



Lebuhraya Persekutuan - Angkasapuri - CC No. 58 Yang Tidak Berfungsi (28.09.2011)



GAMBAR 32.14

Lebuhraya Persekutuan - Angkasapuri - CCTV No. C168 Yang Tidak Berfungsi (28.09.2011)

Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Antara sebab peralatan gagal berfungsi ialah teknologi "outdated", kes vandalisme; masalah mendapatkan bekalan alat ganti serta keperluan untuk menanggalkan peralatan akibat daripada kerja yang dilaksanakan oleh pihak ketiga di lokasi tersebut.

32.5.5. Pengurusan *Traffic Management Centre*

Mengikut syarat kontrak, syarikat konsortium perlu membina *Traffic Management Centre* (TMC) di mana semua maklumat trafik yang diperoleh akan diintegrasikan, diproses dan disebarkan kepada pengguna secara *online* melalui paparan *VMS* dan lain-lain media IT. Bangunan TMC ini yang melibatkan kos berjumlah RM36.87 juta (termasuk *provisional cost* sebanyak RM14.30 juta) dibina atas tanah PT.4785 HS(D) seluas 3.15 ekar di Bukit Jalil yang dimiliki oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Bangunan TMC setinggi 4 tingkat menempatkan antaranya pejabat, perpustakaan, kafeteria, pusat operasi, pusat panggilan, pusat simulasi dan bilik mesyuarat. Berikut adalah hasil semakan Audit terhadap pengurusan TMC:

32.5.5.1. Semakan Audit terhadap pajakan tanah TMC mendapati DBKL telah membuat permohonan memajak tanah selama 99 tahun pada bulan Jun 2005 kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dengan nilai nominal RM10 setahun untuk tempoh 99 tahun. Bagaimanapun, permohonan tersebut ditolak pada bulan Januari 2006 atas alasan tanah tersebut telah dipajak kepada Technology Park Malaysia (TPM) dan DBKL dinasihatkan untuk berurusan dengan TPM. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. *Head Lease Agreement* antara TPM dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan hanya dimeterai pada bulan Mei 2006 iaitu 4 bulan selepas penolakan permohonan pajakan tanah oleh JKPTG.

Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Kelewatan memuktamadkan Head Lease Agreement di antara TPM dengan PTP adalah di luar kawalan DBKL disebabkan obligasi untuk memuktamadkan Head Lease Agreement terletak pada TPM. Berdasarkan kepada minit mesyuarat dan surat berkaitan, kelewatan untuk memeterai Head Lease Agreement adalah disebabkan TPM gagal mengambil tindakan tegas untuk memuktamadkan perjanjian pajakan dengan PTP dan tiada dokumen berkaitan telah disempurnakan oleh TPM bagi tujuan pajakan kecil di antara TPM dengan DBKL selaras dengan keperluan Kanun Tanah Negara 1965.

b. Lanjutan daripada perkara tersebut, DBKL perlu memajak kecil (sub-lease) tanah daripada TPM dan memeterai perjanjian berkaitannya. Semakan Audit mendapati Perjanjian Pajakan Kecil antara TPM dengan DBKL hanya disempurnakan pada bulan Disember 2006 iaitu 12 bulan selepas kerja pembinaan bangunan TMC disiapkan pada bulan Disember 2005. Berikutan penolakan permohonan pajakan tanah oleh JPKTG tersebut, pihak DBKL terpaksa membayar RM8.49 juta bagi tempoh pajakan pertama selama 30 tahun. Pajakan ini akan diperbaharui untuk tempoh 30 tahun dan 29 tahun berikutnya dengan syarat Pesuruhjaya Tanah Persekutuan masih meneruskan pemajakan tanah ini kepada TPM. Pihak DBKL perlu membayar sewa pajakan yang dipersetujui bagi tempoh lanjutan yang seterusnya. Selain itu, sungguhpun Kerajaan telah membelanjakan sejumlah

RM36.87 juta bagi pembinaan bangunan TMC, namun pemilikan bangunan tersebut dari segi perundangan adalah atas nama TPM.

Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Kelewatan memuktamadkan Perjanjian Pajakan Kecil tersebut disebabkan oleh ketiadaan perjanjian pajakan antara PTP dan TPM selaras dengan peruntukan Kanun Tanah Negara 1965. Selain dari itu, perjanjian antara DBKL dengan TPM mengambil masa sehingga 6 bulan untuk dimuktamadkan khususnya berhubung terma pembayaran sebanyak RM8.49 juta.

c. Semakan Audit selanjutnya terhadap surat TPM kepada JKPTG bertarikh 23 Mac 2012 mendapati lanjutan tempoh pajakan kepada tambahan 59 tahun berikutnya tidak dapat dibuat. Ini disebabkan TPM belum mendaftarkan pajakan dan pajakan kecil memandangkan pelan pembahagian tanah (parcel land) di atas lot tanah tersebut belum dimuktamadkan.

Pada pendapat Audit, urusan pajakan tanah TMC yang tidak teratur menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung sejumlah RM8.49 juta bagi bayaran pajakan kepada TPM dalam tempoh 30 tahun berbanding hanya membayar nilai nominal RM10 kepada PTP bagi pajakan selama 99 tahun. Selain itu, bangunan tersebut juga tidak dimiliki oleh DBKL sungguhpun Kerajaan telah membelanjakan RM36.87 juta untuk pembinaan bangunan tersebut.

32.5.5.2. DBKL telah menanggung perbelanjaan terhadap kos penyenggaraan berjumlah RM1.11 juta bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 seperti di **Jadual 32.10**. Namun didapati sebahagian ruang bangunan TMC masih tidak digunakan sepenuhnya. Sebagai contoh, perpustakaan masih belum digunakan sebagai pusat sumber dan kafeteria masih belum beroperasi memandangkan tiada penyewa. **Gambar 32.15** dan **32.16** menunjukkan antara ruang bangunan TMC yang luas, kosong dan tidak digunakan.

JADUAL 32.10
KOS PENYENGGARAAN TMC BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	KOS PENYENGGARAAN (RM)
2009	427,004
2010	314,979
2011	366,445
JUMLAH	**1,108,428**

GAMBAR 32.15



Traffic Management Centre
- Bilik Perpustakaan Yang Tidak Digunakan
(31.10.2011)

GAMBAR 32.16



Traffic Management Centre
- Ruang Kafeteria Yang Tidak Digunakan
(31.10.2011)

Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Ruang bangunan TMC yang tidak digunakan sepenuhnya telah digunakan bagi penyimpanan dokumen penting, cenderahati dan katalog pelawat buat sementara waktu. Kafeteria pula telah digunakan untuk menyambut pelawat ke Bangunan TMC.

32.5.6. Kawalan Terhadap Aplikasi Sistem (ATMS Dan ATIS)

32.5.6.1. Kawalan am persekitaran ICT penting untuk memastikan keselamatan persekitaran ICT serta melindungi persekitaran ICT daripada ancaman pencerobohan, kerosakan fizikal dan bencana. Semakan Audit terhadap kawalan am persekitaran ICT berkaitan *Advanced Traffic Management System* (ATMS) dan *Advanced Traveller Information System* (ATIS) telah dijalankan di TMC pada 16 Januari 2012. Pengauditan yang merangkumi kawalan fizikal dan persekitaran bilik *server* serta pelaksanaan *back-up* mendapati pada umumnya kawalan tersebut adalah baik. DBKL didapati telah mengambil kira aspek kawalan fizikal dalam pembangunan dan penyediaan bilik *server* Pusat Operasi TMC seperti menggunakan kaedah biometrik cap ibu jari untuk akses dan terhad kepada pegawai yang dibenarkan sahaja; setiap kakitangan ITIS yang terlibat dalam penggunaan sistem telah ditentukan had capaian masing-masing; keadaan persekitaran dan pencahayaan dalam bilik *server* adalah baik; dan suhu bilik *server* adalah terkawal. Selain itu, sistem pencegahan kebakaran serta kaedah *back-up* data yang baik telah disediakan.

32.5.6.2. Bagaimanapun, berdasarkan temu bual dengan pegawai ITIS yang terlibat, adalah didapati 10 daripada 18 perkakasan komputer di *workstation* kakitangan mengalami kerosakan *Computer Graphic Card*. Tindakan pembaikan atau penggantian perkakasan tersebut tidak dapat dilaksanakan disebabkan perkakasan yang digunakan itu adalah model lama serta *custom-made*; tiada alat ganti di pasaran dan syarikat pembekal sedia ada tidak mampu lagi membekalkan perkakasan tersebut kerana telah memberhentikan perniagaannya.

Pada pendapat Audit, pada umumnya kawalan am terhadap persekitaran ICT bagi ATMS dan ATIS adalah baik. Bagaimanapun, DBKL perlu mengatasi masalah kerosakan perkakasan komputer di beberapa *workstation* yang menjalankan operasi ATMS. Sekiranya kerosakan yang sama berlaku kepada perkakasan komputer yang sedia ada di *workstation* lain, maka keseluruhan operasi ITIS akan terjejas dan sistem tersebut tidak akan dapat berfungsi lagi pada masa akan datang.

Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Cadangan telah dibuat untuk menggantikan ATMS yang sedia ada kepada satu sistem baru yang dapat mengintegrasikan aplikasi CCTV dan VMS selepas tender baru untuk peralatan tersebut dilaksanakan.

32.5.7. Penilaian Semula Terhadap Projek

Bagi menilai sejauh mana Projek ITIS telah dapat mencapai objektif yang ditetapkan, penilaian semula terhadap impak dan keberkesanan projek perlu dilaksanakan. Sebagai contoh, penilaian tersebut boleh dilaksanakan dengan membuat perbandingan pencapaian sebelum dan selepas pembangunan Projek ITIS khususnya dalam menyalurkan maklumat

trafik yang sistematik kepada pengguna jalan raya bagi mempertingkat keberkesanan pengurusan lalu lintas di Kuala Lumpur. Sungguhpun demikian, adalah didapati tiada laporan disediakan berhubung analisis trend aliran trafik secara sistematik dan berterusan seperti analisis terhadap perubahan bacaan halaju kenderaan di Kuala Lumpur mengikut lokasi terpilih.

Pada pendapat Audit, Kerajaan perlu menjalankan analisis kos faedah (cost benefit analysis) secara menyeluruh terhadap *viability* projek sistem maklumat pengangkutan seperti ITIS sebelum ia dilaksanakan. Ini adalah kerana pelaksanaan projek tersebut melibatkan perbelanjaan dari aspek tenaga kerja, kos penyenggaraan peralatan luar serta kos pajakan dan penyenggaraan bangunan.

Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Laporan tersebut hanya akan disediakan dan disalurkan kepada pihak dalaman atau luar DBKL sekiranya ada permintaan.

32.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif pembangunan Projek ITIS tercapai dan Kerajaan memperoleh *value for money* terhadap projek tersebut, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

32.6.1. DBKL perlu meningkatkan pemantauan terhadap kerja kontraktor dan memastikan kontraktor mematuhi kekerapan penyenggaraan yang ditetapkan.

32.6.2. Bagi projek sistem maklumat pengangkutan lain yang akan dibangunkan kelak, Kerajaan perlu memastikan sistem yang dirancang dan direka bentuk bukan berdasarkan konsep *proprietary* (bersifat tertutup dan terhad kepada perubahan) sebaliknya berdasarkan konsep *open architecture* (bersifat terbuka dan lebih fleksibel kepada perubahan).

32.6.3. Kerajaan perlu menjalankan analisis kos faedah (cost benefit analysis) secara menyeluruh terhadap *viability* projek sistem maklumat pengangkutan seperti ITIS sebelum ia dilaksanakan. Ini disebabkan pelaksanaan projek ini melibatkan perbelanjaan dari aspek tenaga kerja, kos penyenggaraan peralatan luar serta kos pajakan dan penyenggaraan bangunan. Sekiranya kos yang ditanggung melebihi faedah yang diperoleh, Kerajaan perlu membuat keputusan yang sewajarnya sama ada menamatkan projek ini dengan serta-merta atau meneruskannya berserta alternatif lain yang difikirkan bersesuaian bagi mengelakkan kerugian berterusan kepada Kerajaan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 246-253
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

33. PROJEK SISTEM SOLAR HIBRID UNTUK SEKOLAH LUAR BANDAR

33.1. LATAR BELAKANG

33.1.1. Dasar Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan adalah untuk merapatkan jurang pendidikan antara bandar dan luar bandar dengan memberi fokus kepada membangunkan infrastruktur dan kemudahan asas di kawasan luar bandar. Kementerian bertanggungjawab untuk memastikan semua sekolah di luar bandar dan pedalaman dapat menikmati kemudahan asas yang mencukupi bagi mewujudkan keadaan yang kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran antaranya memastikan sekolah di luar bandar dan pedalaman mendapat bekalan elektrik 24 jam menjelang penghujung tahun 2007. Bagaimanapun, akibat daripada kekangan peruntukan, Kementerian telah mensasarkan untuk mencapai matlamat ini selewat-lewatnya sebelum akhir RMKe-9. Tiga kaedah telah dirancang bagi pembekalan elektrik ke sekolah luar bandar Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak iaitu secara solar hibrid, set janakuasa atau talian grid.

33.1.2. Pada masa kini, Projek Sistem Solar Hibrid (Projek SSH) telah dilaksanakan di Semenanjung Malaysia dan Sabah sahaja. Di Sabah ianya dilaksanakan dalam 2 fasa. Bagi Fasa 1, ia melibatkan 78 sekolah dengan kos RM300.10 juta bermula pada bulan Februari 2008 dan dilaksanakan secara reka dan bina. Hasil daripada penilaian Fasa 1, Kementerian Kewangan telah meluluskan tambahan peruntukan berjumlah RM400 juta untuk Kementerian melaksanakan Fasa 2 di 101 buah sekolah.

33.1.3. Fasa 2 Projek di Sabah telah dilaksanakan pada tahun 2009 dengan menggunakan kaedah konvensional di mana sistem direka bentuk sepenuhnya oleh Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) yang juga dilantik sebagai wakil Pegawai Penguasa Projek dan bertanggungjawab menambah baik komponen panel solar dan penggunaan bateri yang efisien. Fasa 2 ini dibahagikan kepada 13 pakej mengikut daerah di Sabah. Sebanyak 9 syarikat telah dilantik di mana pelaksanaan bagi Pakej 1 adalah secara rundingan terus manakala Pakej 2 hingga Pakej 13 adalah secara tender terhad.

33.1.4. Di Semenanjung Malaysia pula, Projek SSH dilaksanakan oleh anak syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB) iaitu TNB Energy Services Sdn. Bhd. (TNB-ES) secara rundingan terus. Hasil perbincangan dan kajian semula, pelaksanaan muktamad projek adalah untuk 48 buah sekolah di 4 negeri dan TNB-ES dilantik pada 5 Mac 2010 dengan kos berjumlah RM98 juta.

33.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Projek Sistem Solar Hibrid untuk sekolah luar bandar telah dilaksanakan secara teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

33.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Projek Sistem Solar Hibrid di Sabah (Fasa 2) dan Semenanjung Malaysia termasuk penyenggaraannya bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan telah dijalankan di peringkat Kementerian dan JKR serta 20 daripada 84 sekolah di 3 negeri (Sabah, Pahang dan Johor) telah terpilih.

33.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen serta menganalisis maklumat; mengadakan temu bual dengan pegawai yang terlibat, para guru dan kontraktor; lawatan tapak dan pemeriksaan fizikal projek; borang soal selidik juga diedarkan kepada pihak pengurusan sekolah; dan mengedar cabutan isu serta perkara berbangkit kepada pihak sekolah/kontraktor bagi mendapatkan pengesahan dan ulasan lanjut mereka.

33.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari dan September hingga Disember 2011 mendapati pada umumnya projek ini telah mencapai objektifnya untuk mengadakan bekalan elektrik 24 jam ke sekolah luar bandar kecuali beberapa kelemahan berkenaan pengurusan projek. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah:

i. kesemua Projek SSH tidak dapat disiapkan mengikut tarikh asal kontrak dan telah diluluskan lanjutan masa antara 232 hingga 272 hari;
ii. kelemahan perancangan projek di mana terdapat sistem solar hibrid bertindan dengan sistem talian grid dan bangunan yang dibina tidak digunakan;
iii. kualiti kerja yang kurang memuaskan seperti saluran dan sambungan paip air tidak kemas; rekahan pada dinding bangunan dan pengagihan bekalan kuasa elektrik tidak menyeluruh;
iv. penyenggaraan sistem solar hibrid adalah kurang memuaskan di mana kekerapan pemeriksaan berkala seperti mana yang dijadualkan tidak mencukupi; persekitaran kawasan stesen solar hibrid tidak dijaga dengan baik; projek yang tamat tempoh tanggungan kecacatan telah mengalami kerosakan serta tidak berfungsi; Daftar Aduan Kerosakan tidak diselenggarakan dan peralatan tidak didaftarkan mengakibatkan tindakan penyenggaraan tidak dapat ditentukan dengan berkesan;
v. aspek keselamatan kurang diberi perhatian sewajarnya di mana sistem solar hibrid di negeri Sabah tidak dilengkapi sistem pengesan dan pemadam kebakaran berbanding dengan Projek SSH di Semenanjung Malaysia; sistem perangkap minyak dan gris tidak termasuk di dalam reka bentuk bagi projek di negeri Sabah; dan bahan mudah terbakar tidak disimpan di tempat yang sesuai di negeri Sabah; dan
vi. pemantauan projek kurang memuaskan kerana semua projek telah gagal disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan diberi tambahan masa; beberapa kerja pemasangan, pembinaan dan penyenggaraan adalah kurang berkualiti; dan sistem pemantauan berkomputer tidak dapat berfungsi.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan dan maklum balas pihak terlibat adalah seperti di perenggan berikut:

33.5.1. Prestasi Projek

33.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

a. Mengikut syarat kontrak, kesemua Projek SSH perlu disiapkan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh pemilikan tapak. Ini bermakna sebanyak 65 Projek SSH di Sabah perlu disiapkan pada 6 Mei 2010 dan 14 Jun 2010 bagi Fasa 2. Manakala 19 Projek SSH di Semenanjung Malaysia perlu disiapkan pada 4 Mac 2011. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati prestasi kemajuan kerja Projek SSH adalah kurang memuaskan di mana 25 projek lagi yang masih belum disiapkan setakat akhir tahun 2011. Adalah didapati 12 projek di Semenanjung Malaysia dan 13 projek di Sabah yang belum siap hanya mencapai 87% dan 90% masing-masingnya setakat akhir bulan Disember 2011. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 33.1
PRESTASI KEMAJUAN KERJA BAGI PROJEK SISTEM SOLAR HIBRID
SETAKAT BULAN DISEMBER 2011

SYARIKAT	NILAI KONTRAK ASAL (RM Juta)	BIL. PROJEK SOLAR HIBRID	BIL. PROJEK		PRESTASI KEMAJUAN KERJA* (%)
			SIAP	BELUM SIAP	
SEMENANJUNG MALAYSIA					
TNB Energy Services Sdn. Bhd.	98.00	19	7	12	87
SABAH					
EGA Elektrikal Sdn. Bhd.	99.90	19	19	-	100
KATA General Engineering Sdn. Bhd.	43.78	7	7	-	100
EAS JV Sdn. Bhd.	49.69	10	10	-	100
Vital Delta Sdn. Bhd.	55.34	6	6	-	100
GSSB Synergy Sdn. Bhd.	26.96	2	2	-	100
Global Technologies Support Sdn. Bhd.	25.83	3	3	-	100
Elco Technologies Sdn. Bhd.	28.18	3	3	-	100
Ayuda Engineering Sdn. Bhd.	46.74	9	1	8	90
Service Master (M) Sdn. Bhd.	22.52	6	1	5	90
Jumlah Sabah	**398.94**	**65**	**52**	**13**	**90 - 100**
JUMLAH	**496.94**	**84**	**59**	**25**	**87 - 100**

Nota:(*) - Prestasi Kemajuan Kerja Adalah Berdasarkan Purata Pencapaian Keseluruhan Projek

b. Adalah didapati kesemua syarikat tidak dapat menyiapkan projek mengikut tarikh asal kontrak dan telah memohon lanjutan masa. Kesemua syarikat telah diberikan tempoh lanjutan masa masing-masing 272 hari bagi 19 projek yang dilaksanakan oleh TNB-ES dan 246 serta 232 hari bagi 19 dan 46 projek yang dilaksanakan oleh 9 syarikat di Sabah. Berdasarkan rekod di Bahagian Pembangunan Kementerian, tempoh lanjutan masa (EOT) yang diluluskan kepada syarikat yang dilantik bagi projek ini adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 33.2
TEMPOH LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN BAGI SETIAP SYARIKAT

SYARIKAT	TARIKH SIAP KONTRAK ASAL	EOT 1 (Hari)	EOT 2 (Hari)	TARIKH SIAP DIPINDA
EGA Elektrikal Sdn. Bhd.	14.06.2010	108	138	15.02.2011
KATA General Engineering Sdn. Bhd.	06.05.2010	130	102	26.12.2010
EAS JV Sdn. Bhd.	06.05.2010	130	102	26.12.2010
Vital Delta Sdn. Bhd.	06.05.2010	130	102	26.12.2010
GSSB Synergy Sdn. Bhd.	06.05.2010	130	102	26.12.2010
Global Technologies Support Sdn. Bhd.	06.05.2010	130	102	26.12.2010
Elco Technologies Sdn. Bhd.	06.05.2010	130	102	26.12.2010
Ayuda Engineering Sdn. Bhd.	06.05.2010	130	102	26.12.2010
Service Master (M) Sdn. Bhd.	06.05.2010	130	102	26.12.2010
TNB Energy Services Sdn. Bhd.	04.03.2011	132	140	02.12.2011

c. Lawatan Audit pada bulan Februari, Oktober dan November 2011 mendapati 2 Projek SSH masih belum siap sepenuhnya iaitu Projek SSH di SK Lemoi, Cameron Highlands, Pahang dan SK Kampung Baru, Sandakan, Sabah. Anggaran kemajuan kerja yang telah siap bagi projek di sekolah ini oleh pegawai syarikat TNB-ES adalah 85%. Manakala bagi Projek SSH di SK Kampung Baru, Sandakan, Sabah yang dilaksanakan oleh Ayuda Engineering Sdn. Bhd., kerja akhir pendawaian elektrik belum selesai penyambungannya dan kemajuan kerja semasa lawatan Audit pada bulan Februari 2011 dianggarkan telah mencapai 98%.

d. Pihak Audit difahamkan oleh kontraktor terlibat dan berdasarkan kepada alasan tuntutan EOT dan pemerhatian di tapak projek antara sebab projek di SK Lemoi, Cameron Highlands, Pahang tidak siap sepenuhnya dan belum diserah kepada Kementerian adalah kerana masalah pengangkutan dan kesukaran jalan perhubungan untuk menghantar peralatan ke sekolah di kawasan pedalaman khususnya semasa musim hujan. Semasa lawatan Audit pada bulan Oktober 2011, didapati panel solar untuk projek ini telah disimpan di Nurseri Sunflower Sdn. Bhd., Cameron Highlands, Pahang kerana masalah pengangkutan. Antara contoh kerja yang sedang dilaksanakan bagi projek tersebut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 33.1



SK Lemoi, Cameron Highlands, Pahang
- Panel Solar Belum Dipasang Di Kerangka Yang Telah Siap Dibina
(06.10.2011)

GAMBAR 33.2



SK Lemoi, Cameron Highlands, Pahang
- Bateri Masih Berada Di Dalam Kotak Kayu Belum Dipasang Dan Diletakkan Di Luar Bangunan
(06.10.2011)

GAMBAR 33.3



Nurseri Sunflower Sdn. Bhd., Cameron Highlands
- Panel Solar Untuk Projek SK Lemoi, Cameron Highlands, Pahang
(06.10.2011)

GAMBAR 33.4



SK Kampung Baru, Sandakan, Sabah
- Kerja-kerja Pendawaian Ke Rumah Kuasa Belum Selesai Dijalankan
(24.02.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Projek SSH di SK Lemoi telah disiapkan dan diserahkan pada 16 November 2011 manakala projek di SK Kampung Baru dijangka akan diserahkan pada pertengahan bulan Jun 2012 walaupun di peringkat awalnya dijangka diserahkan pada 2 April 2012 atas sebab logistik.

Pada pendapat Audit, kelewatan menyiapkan projek mengikut jadual telah menyebabkan sekolah berkenaan tidak dapat menikmati bekalan elektrik 24 jam melalui sistem solar hibrid dan sekolah terpaksa menanggung kos bagi menyenggara set janakuasa untuk pembekalan elektrik ke sekolah. Tempoh kelewatan penyiapan projek boleh disingkatkan lagi sekiranya perancangan pelaksanaan kerja oleh kontraktor dibuat dengan berkesan dengan mengambil kira faktor cuaca dan kesukaran perhubungan. Selain itu, pemantauan rapi dan koordinasi yang berkesan di antara pihak yang bertanggungjawab menguruskan projek ini boleh mempercepatkan lagi penyiapan projek.

33.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

Sehingga akhir tahun 2011, sejumlah RM77.35 juta (78.9%) telah dibelanjakan daripada nilai kontrak asal RM98 juta bagi projek di Semenanjung Malaysia manakala bagi projek di Sabah sejumlah RM215.06 juta (53.9%) telah dibelanjakan daripada nilai kontrak asal berjumlah RM398.94 juta. Peratus perbelanjaan bagi projek di Sabah adalah rendah disebabkan pengurangan bilangan sekolah yang perlu dilaksanakan pemasangan sistem solar hibrid daripada senarai asal mengikut kontrak. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 33.3
PRESTASI PERBELANJAAN BAGI PROJEK SISTEM SOLAR HIBRID
SETAKAT BULAN DISEMBER 2011

SYARIKAT	NILAI KONTRAK ASAL (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	%
SEMENANJUNG MALAYSIA			
TNB Energy Services Sdn. Bhd.	98.00	77.35	78.9
SABAH			
EGA Elektrikal Sdn. Bhd.	99.90	68.39	68.5
KATA General Engineering Sdn. Bhd.	43.78	27.19	62.1
EAS JV Sdn. Bhd.	49.69	30.86	62.1
Vital Delta Sdn. Bhd.	55.34	21.59	39.0
GSSB Synergy Sdn. Bhd.	26.96	7.09	26.3
Global Technologies Support Sdn. Bhd.	25.83	12.24	47.4
Elco Technologies Sdn. Bhd.	28.18	10.05	35.7
Ayuda Engineering Sdn. Bhd.	46.74	22.01	47.1
Service Master (M) Sdn. Bhd.	22.52	15.64	69.4
Jumlah Sabah	**398.94**	**215.06**	**53.9**
JUMLAH	**496.94**	**292.41**	**58.8**

Nota: ***(*) - Prestasi Kemajuan Kerja Adalah Berdasarkan Purata Pencapaian Keseluruhan Projek***

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Bagi Projek SSH di Semenanjung Malaysia, hanya 2 sekolah sahaja yang belum disiapkan iaitu SK Bihai dan SK Blau di Gua Musang, Kelantan. Menurut pihak TNB-ES, 2 sekolah ini dijangka akan diserahkan pada pertengahan bulan Jun 2012. Manakala bagi Projek SSH di Sabah, hanya tinggal 11 sekolah lagi yang belum disiapkan. Menurut JKR, 6 sekolah tersebut akan diserahkan pada pertengahan bulan Jun 2012 manakala baki 5 sekolah akan diserahkan pada awal bulan Julai 2012. Berdasarkan makum balas terkini setakat bulan Ogos 2012, kesemua 25 projek telah siap dan diserahkan.

33.5.2. Kelemahan Perancangan Projek

33.5.2.1. Sistem Solar Hibrid Bertindan Dengan Sistem Talian Grid

a. Projek SSH ini dilaksanakan bagi sekolah di luar bandar yang masih belum menerima bekalan elektrik daripada syarikat utiliti tempatan (sistem talian grid). Senarai sekolah yang terlibat bagi projek ini adalah berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) masing-masing. Bagi projek di Semenanjung Malaysia senarai sekolah yang terlibat akan diteliti dan dimuktamadkan oleh Bahagian Pembangunan Kementerian dan syarikat TNB-ES. Manakala bagi projek di Sabah pihak JKR (Unit Perunding ICT, Cawangan Kejuruteraan Elektrik) telah diarahkan untuk memuktamadkan senarai sekolah setelah mengadakan perbincangan bersama Kementerian dan agensi terlibat seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) dan Sabah Electricity

Sdn. Bhd. (SESB) bagi menentukan sama ada sekolah di dalam senarai asal telah/ bakal mendapat bekalan elektrik dari KKLW, SESB atau ladang.

b. Semakan Audit mendapati selepas penyelarasan dan kajian semula oleh Kementerian bersama pihak terlibat, hanya 19 (39.6%) daripada 48 sekolah yang dirancang di Semenanjung Malaysia akan dipasang sistem solar hibrid. Manakala bagi projek di Sabah pula, hanya dilaksanakan di 65 (64.4%) daripada 101 sekolah yang dirancang. Baki 29 projek di Semenanjung dan 36 projek di Sabah dibatalkan kerana terdapat sekolah di dalam senarai asal akan disambung talian grid, telah mendapat bekalan elektrik daripada KKLW/ladang, bilangan murid yang sedikit, sekolah berpindah ke tapak baru atau keperluan elektrik melebihi kapasiti. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 33.4
BILANGAN SEKOLAH MENGIKUT SYARIKAT DAN STATUS PELAKSANAAN BEKALAN ELEKTRIK DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN SABAH

SYARIKAT		BEKALAN ELEKTRIK				MASALAH LAIN	JUMLAH
		SOLAR HIBRID	TALIAN GRID	KKLW	LADANG		
SEMENANJUNG MALAYSIA							
TNB Energy Services Sdn. Bhd.	Johor	4	5	-	2	2	13
	Pahang	5	4	-	-	-	9
	Perak	5	7	-	3	3	18
	Kelantan	5	3	-	-	-	8
Jumlah		**19**	**19**	**-**	**5**	**5**	**48**
SABAH							
EGA Elektrikal Sdn. Bhd.	Pakej 1	19	1	1	-	-	21
KATA General Engineering Sdn. Bhd.	Pakej 2	4	1	-	-	-	5
	Pakej 3	3	2	-	-	-	5
EAS JV Sdn. Bhd.	Pakej 4	8	-	-	-	-	8
	Pakej 5	2	-	-	4	-	6
Vital Delta Sdn. Bhd.	Pakej 6	1	-	-	3	2	6
	Pakej 7	5	1	1	-	1	8
GSSB Synergy Sdn. Bhd.	Pakej 8	2	1	-	2	2	7
Global Technologies Support Sdn. Bhd.	Pakej 9	3	2	1	1	-	7
Elco Technologies Sdn. Bhd.	Pakej 10	3	1	-	2	2	8
Ayuda Engineering Sdn. Bhd.	Pakej 11	5	-	1	-	-	6
	Pakej 12	4	2	-	2	-	8
Service Master (M) Sdn. Bhd.	Pakej 13	6	-	-	-	-	6
Jumlah		**65**	**11**	**4**	**14**	**7**	**101**
JUMLAH KESELURUHAN		**84**	**30**	**4**	**19**	**12**	**149**


c. Lawatan Audit mendapati 4 projek SSH di negeri Sabah dengan kos RM15.45 juta telah siap sepenuhnya dan telah digunakan. Bagaimanapun, adalah diperhatikan sekolah ini bakal menerima bekalan elektrik daripada KKLW/SESB melalui sistem talian grid pada awal tahun 2012 kerana kerja memacak tiang elektrik dan pendawaian oleh KKLW/SESB telah dimulakan. Mengikut maklumat yang diberikan oleh KKLW/SESB, perancangan asal bagi projek talian grid di 3 sekolah tersebut telah bermula pada bulan Ogos 2009 dan dijangka siap pada bulan Januari 2011. Manakala bagi satu sekolah lagi, perancangan asal bagi projek talian grid telah bermula pada bulan April 2011 dan dijangka siap pada bulan Oktober 2012. **Pihak sekolah memaklumkan tidak akan menggunakan kemudahan sistem solar hibrid ini apabila sekolah mendapat bekalan elektrik dari talian grid**. Sekolah yang terlibat adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 33.5
SENARAI SEKOLAH YANG BAKAL MENERIMA SISTEM TALIAN GRID KKLW/SESB

SEKOLAH	KOS PROJEK (RM)	SISTEM SOLAR HIBRID		SISTEM TALIAN GRID (KKLW/SESB)	
		ANGGARAN (BULAN DAN TAHUN)			
		MULA	SIAP	MULA	DIJANGKA SIAP
SK Lung Manis, Sandakan, Sabah	3,943,482	Mei 2009	Julai 2011	Ogos 2009	Januari 2011
SK Timbua, Ranau, Sabah	3,770,219	Mei 2009	Mei 2011	Ogos 2009	Januari 2011
SMK Timbua, Ranau, Sabah	5,051,510	Mei 2009	Mei 2011	Ogos 2009	Januari 2011
SK Tiang, Ranau, Sabah	2,681,693	Mei 2009	Julai 2011	April 2011	Oktober 2012
JUMLAH	15,446,904				


Sumber: Bahagian Infrastruktur, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah

GAMBAR 33.5



SK Lung Manis, Sandakan, Sabah
- Sistem Talian Grid Dan Sistem Solar Hibrid Bertindan (24.02.2011)

GAMBAR 33.6



SK Timbua, Ranau, Sabah
- Sistem Talian Grid Dan Sistem Solar Hibrid Bertindan (08.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Perbincangan bersama KKLW dan SESB kerap kali diadakan tetapi keputusan mereka kerap berubah dari semasa ke semasa dan tidak dimaklumkan sedangkan Kementerian perlu segera bagi mencapai KPI. Mesyuarat penyelarasan juga telah diadakan beberapa kali bagi memuktamadkan senarai sekolah dan menyelaras perancangan pelaksanaan bekalan elektrik ini. Pihak SESB dan KKLW tidak dapat memuktamadkan keseluruhan program mereka dan kerja pemasangan adalah bergantung kepada peruntukan sedia ada ketika itu. Bagaimanapun, pada masa hadapan Kementerian akan membuat koordinasi yang lebih kerap dan komprehensif di antara Kementerian lain bagi memperbaiki kelemahan yang dinyatakan oleh pihak Audit.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah meningkatkan aspek perancangan dan penyelarasan projek dengan kerjasama agensi lain yang berkaitan supaya Projek SSH tidak bertindan. Selain itu, pertindihan projek juga boleh menjejaskan pembangunan di masa hadapan kerana kawasan sekolah menjadi terhad khususnya pembinaan bangunan tambahan dan makmal komputer. Kementerian juga hendaklah membuat kajian dan memutuskan supaya peralatan bagi projek yang bertindan dipasangkan di sekolah yang lebih memerlukannya.

33.5.2.2. Komponen Bangunan Yang Dibina Tidak Digunakan Sepenuhnya

a. Berdasarkan skop kerja di dalam kontrak, Projek SSH di Semenanjung Malaysia memerlukan kontraktor membina struktur panel solar, rumah janakuasa dan rumah kuasa. Manakala bagi Projek SSH di negeri Sabah, selain daripada membina struktur panel solar dan rumah kuasa (menempatkan set janakuasa, inverter dan

bateri) kontraktor yang dilantik juga perlu membina komponen bangunan lain seperti di jadual berikut:

JADUAL 33.6
KOMPONEN BANGUNAN LAIN YANG DIBINA
BAGI PROJEK SISTEM SOLAR HIBRID DI SABAH

BANGUNAN	KOS (RM)
Satu Bilik Darjah	45,000
Satu Unit Rumah Guru 2 Pintu	55,000
Satu Kantin	40,000
Satu Unit Tandas	13,000
Satu Pondok Pengawal	10,000
JUMLAH	**163,000**

b. Pemeriksaan Audit mendapati pada umumnya komponen bangunan yang disenaraikan untuk dibina di sekolah di Sabah telah dimanfaatkan serta digunakan oleh pihak sekolah. Ini kerana terdapat beberapa bangunan asal yang sedia ada di sekolah berkenaan telah uzur, daif dan tidak boleh digunakan lagi serta risiko berlaku kebakaran berpunca daripada litar pintas. Komponen bangunan baru yang dibina adalah bagi menggantikan bangunan asal, memberikan keselesaan dan suasana yang kondusif kepada guru dan murid. Contoh perbandingan komponen bangunan baru dan bangunan sedia ada di beberapa sekolah adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 33.7



SK Longut, Ranau, Sabah
- Bangunan Asal Bilik Darjah Yang Telah Uzur Dan Tidak Selesa
(09.11.2011)

GAMBAR 33.8



SK Longut, Ranau, Sabah
- Bangunan Baru Bilik Darjah Yang Dibina Adalah Lebih Selesa
(09.11.2011)

GAMBAR 33.9



SK Tinanom, Ranau, Sabah
- Bangunan Asal Rumah Guru Yang Uzur Dan Tidak Selesa Diduduki
(10.11.2011)

GAMBAR 33.10



SK Tinanom, Ranau, Sabah
- Bangunan Baru Rumah Guru Yang Dibina
(10.11.2011)

c. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati ada bangunan yang dibina tidak digunakan sepenuhnya oleh pihak sekolah walaupun telah diserahkan. Daripada 14 sampel projek di Sabah, terdapat 5 sekolah yang melibatkan komponen 25 bangunan bernilai RM815,000 di mana ada berlaku sekurang-kurangnya satu komponen bangunan tidak digunakan. **Jumlah nilai bangunan yang tidak digunakan adalah RM436,000**. Terdapat beberapa bangunan yang tidak digunakan juga terbiar dan kebersihannya tidak dijaga. Selain itu, bagi 5 bangunan kantin yang bernilai

RM200,000, kesemua sekolah ini tidak menggunakannya. Senarai bangunan yang tidak digunakan dan nilainya bagi setiap sekolah yang dilawati adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 33.7
STATUS PENGGUNAAN BANGUNAN YANG DIBINA DI 5 SEKOLAH DI SABAH

SEKOLAH	BILIK DARJAH	RUMAH GURU	KANTIN	TANDAS	PONDOK PENGAWAL	NILAI BANGUNAN YANG TIDAK DIGUNAKAN (RM)
	RM45,000	RM55,000	RM40,000	RM13,000	RM10,000	
SMK Timbua, Ranau	✓	x	x	✓	✓	95,000
SMK Matupang, Ranau	x	✓	x	✓	✓	85,000
SK Timbua, Ranau	✓	x	x	x	✓	108,000
SK Ladang Segaria, Semporna	✓	x	x	x	✓	108,000
SK Tinanom, Ranau	✓	✓	x	✓	✓	40,000
NILAI BANGUNAN YANG TIDAK DIGUNAKAN (RM)	**45,000**	**165,000**	**200,000**	**26,000**	**-**	**436,000**

Nota: ***✓- Bangunan Digunakan*** ***x - Bangunan Tidak Digunakan***

GAMBAR 33.11



SMK Timbua, Ranau, Sabah
- Bangunan Kantin Baru Yang Tidak Digunakan
(08.11.2011)

GAMBAR 33.12



SMK Matupang, Ranau, Sabah
- Bangunan Bilik Darjah Baru Yang Tidak Digunakan
(24.10.2011)

GAMBAR 33.13



SK Timbua, Ranau, Sabah
- Bangunan Rumah Guru Baru Yang Tidak Digunakan
(08.11.2011)

GAMBAR 33.14



SK Ladang Segaria, Semporna, Sabah
- Bangunan Rumah Guru Yang Tidak Digunakan
(21.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Kementerian dalam maklum balasnya mengakui semasa lawatan Audit, terdapat bangunan yang tidak digunakan sepenuhnya oleh pihak sekolah. Kementerian juga memaklumkan kontrak bagi projek ini adalah secara modular di mana melibatkan pembinaan bangunan rumah guru, kantin, bilik darjah dan stor. Semasa lawatan sebelum pembinaan, pihak JKR dan kontraktor telah membuat kajian dan berbincang terlebih dahulu dengan pihak sekolah dan keputusan pembinaan tersebut telah mendapat persetujuan semua pihak.

Selain itu, mengikut maklum balas daripada Pengetua SMK Matupang, bangunan bilik darjah dan kantin masih belum digunakan kerana belum disambung dengan bekalan elektrik, kedudukannya juga jauh dari bangunan kelas dan tempat yang lain serta bangunan tersebut selalu dipinjam oleh kontraktor sebagai tempat tinggal semasa kerja penyenggaraan. Pengetua sekolah ini juga memaklumkan, bangunan bilik darjah dan kantin masing-masingnya telah dirancang untuk dijadikan sebagai pejabat atau stor dan tempat perjumpaan kokurikulum atau tempat rehat semasa aktiviti tertentu.

Manakala mengikut maklum balas yang diterima daripada Pengetua SMK Timbua, bangunan kantin belum digunakan kerana kedudukannya tidak strategik iaitu jauh dari kawasan sekolah dan bangunan kantin sedia ada lebih luas dan selesa. Bangunan rumah guru yang belum digunakan pula tidak sesuai didiami disebabkan ketiadaan bilik dan dapur seperti yang sepatutnya. Pihak sekolah bercadang mengubah suai kantin tersebut untuk dijadikan kelas atau bengkel Kemahiran Hidup. Manakala rumah guru juga dicadangkan diubah suai untuk dijadikan stor buku sekolah, barangan dan peralatan sukan.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memastikan bangunan baru yang dibina mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan digunakan mengikut tujuan pembinaan. Kementerian juga hendaklah memastikan bangunan yang dibina tidak terbiar menyebabkan bangunan cepat rosak dan melibatkan kos pembaikan yang tinggi. Selain itu, semua pihak yang terlibat hendaklah berbincang bagi memuktamadkan keperluan sebenar komponen bangunan sebelum sesuatu projek dimulakan. Pihak sekolah juga hendaklah menggunakan kemudahan bangunan yang dibina dengan sepenuhnya supaya pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih kondusif serta mengelakkan pembaziran.

33.5.3. Pelaksanaan Projek SSH

Projek SSH hendaklah direka bentuk, dilaksanakan dan disiapkan dengan mengikut skop dan spesifikasi kerja yang telah ditetapkan dalam kontrak. Kontraktor juga hendaklah memastikan kualiti bahan binaan, peralatan yang dibekalkan dan kerja yang dijalankan adalah mengikut piawaian yang ditetapkan seperti mana kehendak Kerajaan. Pemeriksaan Audit terhadap pelaksanaan projek mendapati perkara seperti berikut:

33.5.3.1. Kualiti Kerja Kurang Memuaskan

Berdasarkan kepada syarat kontrak, pada bila-bila masa dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan iaitu 24 bulan selepas tarikh penyiapan kerja, apa-apa kecacatan atau kerosakan atau mutu kerja yang tidak menepati kontrak hendaklah diberitahu oleh Pegawai Penguasa dalam satu arahan bertulis kepada kontraktor supaya membaiki kecacatan atau kerosakan tersebut. Lawatan Audit mendapati beberapa kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor kurang memuaskan seperti berikut:

a. Sambungan Saluran Paip Tidak Kemas


Setiap sambungan saluran paip dari tangki minyak ke set janakuasa hendaklah dibuat dengan kemas bagi mengelakkan berlakunya kebocoran dan risiko kebakaran. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati sambungan saluran paip pada tangki minyak di 3 daripada 14 sekolah yang dilawati di Sabah, iaitu SK Tiang, SK Longut dan SK Tinanom, Ranau adalah tidak kemas menyebabkan berlakunya kebocoran pada sambungannya. Kejadian kebocoran minyak ini disebabkan oleh

kontraktor tidak menggunakan *pipe sealant* yang bersesuaian untuk membuat penyambungan paip minyak. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati minyak dari tangki yang melalui paip telah menitis ke lantai dan menyebabkan lantai licin serta terdedah kepada risiko kebakaran. Selain itu, adalah didapati sambungan paip air dan *rain water down pipe* yang tidak dipasang dengan kemas di 2 sekolah iaitu SK Longut dan SK Timbua, Ranau. Butiran lanjut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 33.15



GAMBAR 33.16



SK Tiang, Ranau, Sabah
- Kesan Titisan Minyak Di Atas Lantai Dan Sambungan Saluran Paip Pada Tangki Minyak Kurang Kemas Menyebabkan Berlaku Kebocoran
(09.11.2011)

GAMBAR 33.17



GAMBAR 33.18



SK Tinanom, Ranau, Sabah
- Kesan Titisan Minyak Di Atas Lantai
(10.11.2011)

GAMBAR 33.19



SK Longut, Ranau, Sabah
- Saluran Paip Air Dari Tangki Tidak Dipasang Dengan Kemas
(09.11.2011)

GAMBAR 33.20



SK Timbua, Ranau, Sabah
- Rain Water Down Pipe Di Blok Panel Solar Telah Tertanggal
(08.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

JKR telah mengarahkan kontraktor pada 15 Disember 2011 untuk membaiki kebocoran paip. Syarikat Vital Delta Sdn. Bhd. telah memaklumkan kerja pembetulan telah disempurnakan pada hujung bulan Januari 2012.

b. Rekahan Dan Resapan Air Pada Dinding Bangunan

Lawatan Audit di SK Ladang Segaria dan SK Kalumpang, Semporna, Sabah mendapati berlaku rekahan dan resapan air pada bahagian dinding bangunan yang dibina menyebabkan ianya mula berkulat dan cat juga telah terkopak. Bangunan yang terlibat adalah seperti kantin, bilik darjah, rumah guru dan rumah kuasa. Wakil Pegawai Penguasa memaklumkan kecacatan mungkin berlaku disebabkan air yang masuk ke dalam bangunan sama ada melalui rekahan di bahagian dinding luar ataupun disebabkan kecuaian semasa melekapkan *seal* di bawah dinding untuk menghalang kemasukan air. Wakil Pegawai Penguasa juga memberi jaminan bahawa pihak kontraktor akan memperbaiki kerosakan yang berlaku kerana projek masih dalam tempoh tanggungan kecacatan. Contoh rekahan dan resapan air di dinding bangunan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 33.21



SK Ladang Segaria, Semporna, Sabah
- Kesan Air Yang Meresap Di Dinding Bangunan Kantin
(21.11.2011)

GAMBAR 33.22



SK Ladang Segaria, Semporna, Sabah
- Rekahan Pada Dinding Bangunan Luar Bilik Darjah
(21.11.2011)

GAMBAR 33.23



SK Ladang Segaria, Semporna, Sabah
- Kesan Air Yang Meresap Di Dinding Bangunan Rumah Kuasa
(21.11.2011)

GAMBAR 33.24



SK Kalumpang, Semporna, Sabah
- Kesan Cat Terkopak Dan Rekahan Pada Dinding Bangunan Luar Bilik Darjah
(22.11.2011)



GAMBAR 33.25

SK Kalumpang, Semporna
- Kesan Resapan Air Di Bahagian Dalam Dinding Bangunan Bilik Darjah
(22.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

JKR mengambil maklum berhubung perkara ini. Pada 16 Februari 2012, JKR telah mengarahkan kontraktor terlibat untuk mengemukakan kaedah pembaikan jangka panjang bagi mengelakkan perkara ini berulang dan kontraktor telah mengambil tindakan pembaikan pada 13 Mac 2012.

c. *Crusher Run* Di Tapak Struktur Panel Solar

Berdasarkan skop projek bagi Projek SSH di Semenanjung Malaysia, syarikat TNB-ES dikehendaki meletakkan *crusher run* bersaiz ketebalan 150 mm di sekeliling laluan tapak solar panel dengan ukuran lebar 1.5 meter bagi tujuan menyediakan laluan untuk kerja penyenggaraan panel solar. Semasa lawatan Audit di SK Lenjang, Kuala Lipis, Pahang mendapati kerja meletakkan *crusher run* di sekeliling laluan tapak struktur panel solar kurang memuaskan iaitu tidak mengikut ukuran lebar dan saiz ketebalan yang ditetapkan. Ini telah menyebabkan air bertakung di sekeliling tapak struktur panel solar. Keadaan di tapak struktur panel solar di sekolah ini adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 33.26



GAMBAR 33.27



SK Lenjang, Kuala Lipis, Pahang
- Kerja Meletakkan Crusher Run Di Sekeliling Laluan Tapak Struktur Panel Solar Kurang Memuaskan Dan Tidak Mengikut Spesifikasi Yang Ditetapkan
(04.10.2011)

GAMBAR 33.28



GAMBAR 33.29



SK Lenjang, Kuala Lipis, Pahang
- Kerja Meletakkan Crusher Run Di Sekeliling Laluan Tapak Struktur Panel Solar Kurang Memuaskan Dan Menyebabkan Air Bertakung Di Sekeliling Tapak Struktur Panel Solar
(04.10.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Pihak TNB-ES telah mengambil maklum mengenai perkara ini dan akan mengarahkan kontraktornya untuk mengambil tindakan. Kerja meletakkan crusher run di bawah struktur solar panel telah disenaraikan sebagai item dalam defect list dan pihak TNB-ES telah pun melaksanakan kerja tersebut pada 25 April 2012.


Pada pendapat Audit, wakil Pegawai Penguasa perlu menjalankan pemeriksaan dengan lebih rapi dan memastikan semua kerja pembinaan dan kecacatan yang berlaku diperbaiki dengan sempurna oleh kontraktor dalam tempoh tanggungan kecacatan bagi mengelakkan Kerajaan mengalami kerugian kerana perlu menanggung kos pembaikan berkaitan.

33.5.3.2. Pengagihan Bekalan Kuasa Elektrik Tidak Menyeluruh

a. Berdasarkan skop kerja di dalam kontrak, kapasiti sistem solar hibrid yang direka bentuk mestilah memenuhi keperluan asas harian (normal daily load) bagi keseluruhan bangunan sekolah kecuali bagi makmal komputer di bawah projek *Schoolnet*. Selain itu, kontraktor juga perlu mengambil kira 10% hingga 20% keperluan tenaga tambahan untuk masa hadapan bagi setiap sekolah. Keperluan ini adalah berdasarkan kepada statistik pendaftaran murid pada setiap tahun dan juga kemungkinan sekolah dijadikan sebagai pusat aktiviti sosial masyarakat setempat.

b. Pemeriksaan Audit mendapati beberapa bangunan dalam kawasan sekolah tidak disambungkan kepada sistem solar hibrid. Bangunan tersebut adalah seperti kuarters guru di SK Timbua dan SMK Timbua, Ranau, Sabah. Selain itu, di SMK Timbua bilik darjah kabin pasang siap yang merupakan projek baru juga tidak mendapat bekalan melalui sistem solar hibrid. Kontraktor memaklumkan sambungan elektrik melalui sistem solar hibrid tidak dibuat kerana kapasiti tenaga yang diperuntukkan sebanyak 50 hingga 60 kilowatt (kw) tidak mencukupi untuk menampung beban daripada rumah guru dan kabin bilik darjah tersebut. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati bangunan tersebut akan mendapat bekalan elektrik melalui sistem talian grid KKLW/SESB pada awal tahun 2012. Bangunan rumah guru dan bilik darjah kabin pasang siap yang tidak mendapat bekalan elektrik melalui sistem solar hibrid adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 33.30



SK Timbua, Ranau, Sabah
- Rumah Guru Tidak Mendapat Sambungan Elektrik Melalui Sistem Solar Hibrid
(08.11.2011)

GAMBAR 33.31



SMK Timbua, Ranau, Sabah
- Kabin Bilik Darjah Pasang Siap Tidak Mendapat Sambungan Elektrik Melalui Sistem Solar Hibrid
(08.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

JKR memaklumkan SK Timbua dan SMK Timbua merupakan sekolah yang mempunyai kapasiti tenaga yang terhad iaitu antara 50 hingga 60 kw. Semasa lawatan tapak, pihak sekolah meminta agar kuarters guru tidak dimasukkan sekali kerana ianya akan melebihi kapasiti tenaga yang diperlukan dan meminta untuk disambungkan dengan bekalan elektrik melalui talian grid SESB. Selain itu berdasarkan maklum balas kontraktor berkaitan, projek kabin pasang siap telah dilaksanakan oleh kontraktor yang berlainan dan belum lagi diserahkan kepada Kementerian pada waktu itu. Ianya juga tidak termasuk di dalam layout plan asal semasa pemeriksaan tapak dilakukan bersama JKR dan Kementerian.

Pada pendapat Audit, pengagihan bekalan kuasa elektrik hendaklah dibuat secara menyeluruh dan mengambil kira keperluan tenaga tambahan untuk masa depan bagi memastikan aktiviti pembelajaran dan pengajaran tidak terjejas.

33.5.4. Penyenggaraan Sistem Solar Hibrid

Berdasarkan syarat kontrak, tempoh penyenggaraan Projek SSH adalah selama 2 tahun bermula selepas penyerahan projek iaitu dalam tempoh tanggungan kecacatan. Semakan Audit terhadap pelaksanaan penyenggaraan Sistem Solar Hibrid mendapati perkara berikut:

33.5.4.1. Jadual Penyenggaraan/Pemeriksaan Berkala

a. Skop kerja dalam syarat kontrak menyatakan kontraktor hendaklah menyediakan jadual penyenggaraan berkala bagi sistem solar (panel solar, bateri, inverter, set janakuasa dan rumah kuasa) serta bekalan diesel untuk generator dan juga komponen bangunan lain sepanjang tempoh tanggungan kecacatan selama 24 bulan. Lawatan berkala ini adalah bertujuan untuk memastikan sistem solar hibrid dapat berfungsi secara optimum dan pihak sekolah dapat menerima bekalan elektrik 24 jam sehari tanpa gangguan. Bagi Projek SSH di Sabah, kontraktor perlu melaksanakan penyenggaraan secara berkala sebanyak 4 kali dalam tempoh tanggungan kecacatan. Manakala bagi Sistem J-Scada yang berfungsi sebagai sistem pemantauan operasi secara *real time* bagi sesebuah stesen solar hibrid hendaklah disenggarakan 4 bulan sekali. Bagi projek di Semenanjung Malaysia, kontraktor dikehendaki menyediakan jadual aktiviti penyenggaraan yang sesuai dan lengkap serta *checklist* pemeriksaan bagi setiap peralatan yang terlibat dan mengemas kini dalam laman web pengurusan penyenggaraan.

b. Lawatan Audit ke 20 sekolah mendapati projek ini telah disiapkan antara bulan Jun dan Julai 2011 dan belum mencapai tempoh penyenggaraan (6 bulan pertama). Adalah didapati persekitaran kawasan stesen solar hibrid di 7 sekolah tidak dijaga dengan baik dan tidak dibersihkan. Kelewatan kontraktor mengenal pasti atau mengambil tindakan mencegah lebih awal terhadap kerosakan kecil ini boleh membawa kepada kerosakan yang lebih besar pada masa akan datang.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Penyenggaraan berkala adalah dalam masa 6 bulan sekali seperti yang dinyatakan di dalam kontrak. Pihak kontraktor telah melaksanakan kerja tersebut mengikut kontrak dan Kementerian mengambil maklum akan pandangan yang diberikan oleh pihak Audit.

Pada pendapat Audit, punca perkara ini berlaku adalah disebabkan kekerapan pemeriksaan berkala seperti mana yang dijadualkan tidak mencukupi. Oleh itu, pihak Audit mencadangkan kekerapan penyenggaraan berkala perlu ditingkatkan lagi sebagai langkah pencegahan bagi memastikan komponen-komponen sistem solar hibrid berada dalam keadaan baik dan kawasan persekitaran juga dalam keadaan bersih di samping peralatan yang rosak dapat diperbaiki dengan segera dan digunakan oleh pelajar dan sekolah.

33.5.4.2. Kebersihan Kawasan Stesen Solar Hibrid

a. Penetapan sesuatu lokasi stesen solar hibrid adalah berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan. Kontraktor perlu membersihkan, meratakan kawasan, menebang pokok yang boleh mengganggu operasi dan membahayakan sistem solar serta menaikkan paras lantai bangunan yang menempatkan peralatan sistem solar melebihi paras banjir.

b. Adalah didapati persekitaran kawasan stesen solar hibrid di 8 sekolah tidak dijaga dengan baik dan tidak dibersihkan seperti tapak panel solar diliputi semak samun,

longkang di sekitar rumah guru yang belum diduduki tersumbat, burung bersarang pada inverter, tandas terbiar dan kotor, bilik bateri kotor dan bateri berhabuk adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 33.8
PENJAGAAN KEBERSIHAN DI STESEN SOLAR HIBRID


SEKOLAH	KONTRAKTOR	PERKARA
SK Telanok, Cameron Highlands, Pahang	TNB-ES	Rumput panjang tumbuh di bawah panel solar. **(Gambar 33.32)**
SK Tiang, Ranau, Sabah	Vital Delta Sdn. Bhd.	Rumput kering pada pendawaian elektrik. **(Gambar 33.33)**
SK Timbua, Ranau, Sabah		Longkang tidak dibersihkan dan tersumbat, tandas kotor dan *gutter* telah ditumbuhi rumput.
SK Matupang, Ranau, Sabah		Bilik bateri kotor dan bateri yang berhabuk tidak dibersihkan. **(Gambar 33.34)**
SK Longut, Ranau, Sabah		Sisa peralatan pembinaan tidak dibersihkan. **(Gambar 33.35)**
SMK Timbua, Ranau, Sabah	KATA General Engineering Sdn. Bhd.	Burung membuat sarang dalam inverter. **(Gambar 33.36)**
SK. Ladang Segaria, Semporna, Sabah	EGA Elektrikal Sdn. Bhd.	Panel solar, bateri, inverter dan set janakuasa berdebu.

GAMBAR 33.32



SK Telanok, Cameron Highlands, Pahang
- Rumput Panjang Tumbuh Di Bawah Panel Solar
(05.10.2011)

GAMBAR 33.33



SK Tiang, Ranau, Sabah
- Rumput Kering Pada Pendawaian Elektrik
(09.11.2011)

GAMBAR 33.34



SK Matupang, Ranau, Sabah
- Bateri Yang Berhabuk Dan Tidak Dibersihkan
(24.10.2011)

GAMBAR 33.35



SK Longut, Ranau, Sabah
- Sisa Peralatan Pembinaan Tidak Dibersihkan
(09.11.2011)



GAMBAR 33.36

SMK Timbua, Ranau, Sabah
- Burung Membuat Sarang Dalam Inverter
(08.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Mengikut maklum balas Vital Delta Sdn. Bhd. dan KATA General Engineering Sdn. Bhd., kerja penjagaan dan pembersihan kawasan persekitaran adalah tidak termasuk di dalam skop kerja kontrak. Pihak mereka difahamkan selepas penyerahan kepada pihak sekolah, kerja-kerja pembersihan adalah tertakluk kepada pihak sekolah sendiri. Bagaimanapun, pihak mereka akan membaiki peralatan yang telah rosak dan membersihkan sisa bahan binaan. Kementerian dalam maklum balasnya juga telah mengarahkan JPN untuk memaklumkan kepada sekolah yang terlibat supaya sentiasa menjaga kebersihan di stesen solar hibrid.

Pada pendapat Audit, kawasan stesen solar hibrid hendaklah disenggarakan dan dibersihkan sekerap mungkin serta dijaga dengan baik bagi mengelakkan kerosakan kepada komponen sistem solar hibrid dan keceriaan kawasan persekitarannya. Ianya bagi mengelakkan gangguan kepada bekalan kuasa yang dijana oleh modular solar dalam jangka masa panjang serta kos penyenggaraan yang tinggi apabila kerosakan semakin serius.

33.5.4.3. Penyenggaraan Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan

a. Mengikut syarat kontrak, kontraktor hendaklah membaiki peralatan dan kemudahan yang rosak dalam tempoh tanggungan kecacatan supaya peralatan dan kemudahan tersebut dapat digunakan serta bagi mengelakkan kerosakan semakin serius.

b. Syarat kontrak Projek SSH di Sabah menghendaki kontraktor menyediakan sebuah *water dispenser* bagi setiap struktur panel dengan kapasiti tenaga 15 kw yang dibina. Lawatan Audit kesemua 14 sekolah di Sabah mendapati kontraktor telah mematuhi syarat ini dengan membekalkan *water dispenser* ke sekolah tersebut. Bagaimanapun semasa lawatan Audit pada bulan Oktober dan November 2011, terdapat 3 *water dispenser* di 3 sekolah telah rosak dan tidak dapat digunakan seperti di gambar berikut:

GAMBAR 33.37



SK Kalumpang, Semporna, Sabah
- Water Dispenser Rosak Dan Tidak Dapat Digunakan
(22.11.2011)

GAMBAR 33.38



SK Ladang Segaria, Semporna
- Water Dispenser Rosak Dan Tidak Dapat Digunakan
(21.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Kerosakan ini masih dalam tempoh tanggungan kecacatan dan pihak JKR telah mengarahkan kontraktor pada 15 Disember 2011 untuk memperbaiki kerosakan tersebut. Water Dispenser telah dibaiki pada 5 Januari 2012 dan berfungsi seperti sepatutnya.

33.5.4.4. Penyenggaraan Selepas Tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan Bagi Projek Solar Hibrid Fasa 1

a. Projek SSH untuk sekolah luar bandar di Sabah bagi Fasa 1 telah disiapkan dan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2009. Mengikut syarat kontrak, kontraktor perlu membaiki dan menyenggara setiap kerosakan yang dilaporkan dalam tempoh tanggungan kecacatan selama 2 tahun. Pihak JKR akan memantau kerosakan yang dilaporkan sebelum projek tersebut diserah kepada JPN. Butiran lanjut Projek SSH untuk sekolah di Sabah (Fasa 1) adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 33.9
PROJEK SISTEM SOLAR HIBRID UNTUK SEKOLAH DI SABAH (FASA 1)

PAKEJ	SYARIKAT	BIL. SEKOLAH	KOS ASAL (RM Juta)	TARIKH SIAP	TEMPOH PENYENGGARAAN
1	Konsortium Eagle Strike, Soltan Construction dan Akal Kukuh Sdn. Bhd.	66	250.00	01.08.2008	01.08.2008 - 31.07.2010
2	Konsortium Misi Maju, Perwira Indah Jaya dan Jenson Electrical & Engineering Sdn. Bhd.	4	17.35		
3	Zenset Sdn. Bhd.	4	16.65		
4	Ayuda Engineering Services Enterprise	4	16.10	28.11.2008	28.11.2008 - 27.11.2010
JUMLAH		**78**	**300.10**		

b. Semasa pengauditan dijalankan di Daerah Tambunan, Sabah pada 9 November 2011, pihak Audit telah melawat ke SK Tiong Widu, Tambunan yang merupakan salah sebuah sekolah yang terlibat dalam Projek SSH Fasa 1. Adalah didapati projek ini telah tamat tempoh tanggungan kecacatan dan telah mengalami kerosakan serta tidak berfungsi. Sekolah ini bakal mendapat bekalan elektrik melalui sistem talian grid SESB dalam tempoh terdekat. Menurut Guru Besar, pihak sekolah telah membuat aduan kerosakan ke JPN, namun tiada tindakan pembaikan dilaksanakan kerana tiada peruntukan. Pada masa ini, pihak sekolah menggunakan set janakuasa sedia ada untuk bekalan elektrik ke sekolah dan membebankan pihak sekolah kerana terpaksa menggunakan peruntukan yang besar untuk membeli minyak diesel. Kerosakan pada sistem solar hibrid di mana set janakuasa tidak lagi berfungsi dan inverter menunjukkan bateri telah *under voltage* adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 33.39




GAMBAR 33.40



SK Tiong Widu, Tambunan, Sabah
- Bacaan Inverter Menunjukkan Bekalan Elektrik Solar Hibrid Tidak Lagi Berfungsi Dan Kapasiti Bateri Tidak Dicaj (09.11.2011)

GAMBAR 33.41



GAMBAR 33.42



SK Tiong Widu, Tambunan, Sabah
- Set Janakuasa Bagi Solar Hibrid Tidak Berfungsi Dan Tidak Disenggarakan
(09.11.2011)

c. Pihak Audit juga telah mengedarkan borang soal selidik bagi mendapatkan maklum balas daripada kesemua 78 sekolah yang terlibat dalam projek solar hibrid Fasa 1 untuk mengetahui status terkini projek. Daripada 78 borang soal selidik yang diedarkan, 58 sekolah telah memberi maklum balas. Berdasarkan maklum balas tersebut sebanyak 34 daripada 58 sekolah (58.6%) sistem solarnya masih beroperasi manakala 24 sekolah (41.4%) tidak beroperasi kerana telah rosak. Daripada 24 sekolah tersebut, 21 sekolah menggunakan set janakuasa sistem solar hibrid, satu sekolah menggunakan set janakuasa lain manakala baki 2 sekolah lagi tidak memaklumkan status penggunaan elektrik. Bagi penyenggaraan pula didapati 29 (50%) daripada 58 sekolah tidak pernah dibuat penyenggaraan selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan, 16 sekolah disenggarakan oleh Kementerian, 8 sekolah disenggarakan oleh JPN, 2 sekolah disenggarakan oleh PPD manakala 3 sekolah lagi disenggarakan oleh pihak sekolah sendiri. Status Projek SSH Fasa 1 dan penyenggaraannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 33.10
STATUS 58 PROJEK SISTEM SOLAR HIBRID FASA 1 SABAH

PERKARA	BIL. SEKOLAH	%
MAKLUMAT PENGGUNAAN SOLAR HIBRID		
Solar Hibrid Masih Boleh Digunakan • Turut Menggunakan Talian Grid (6 sekolah)	34	58.6
Solar Hibrid Tidak Digunakan Kerana Rosak • Menggunakan Janakuasa Sistem Solar Hibrid (21) • Menggunakan Janakuasa Lain (1) • Tiada Maklumat (2)	24	41.4
JUMLAH	**58**	
MAKLUMAT PENYENGGARAAN SOLAR HIBRID SELEPAS TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN		
Tiada Penyenggaraan	29	50.0
Disenggarakan oleh KPM	16	27.6
Disenggarakan oleh JPN	8	13.8
Disenggarakan oleh PPD	2	3.4
Disenggarakan oleh Sekolah	3	5.2
JUMLAH	**58**	

Nota: ***Maklum Balas Diperoleh Bagi 58 Daripada 78 Sekolah Sahaja***

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Kementerian mengambil maklum perkara ini dan telah pun melantik pihak JKR bagi tujuan kerja penyenggaraan ini. Penyenggaraan akan dilaksanakan di 78 buah Tapak Sistem Solar Hibrid Fasa 1 untuk tempoh sehingga bulan Disember 2012. Peruntukan sebanyak RM4 juta telah disalurkan kepada JKR pada 26 April 2012. Pihak JKR telah melaksanakan proses perolehan bagi melantik kontraktor

penyenggaraan pada 3 Mei 2012 dan pelaksanaan kerja bermula bulan Jun 2012. Skop kerja adalah penyenggaraan berkala, kerja-kerja pembaikan terhadap komponen yang didapati telah rosak dan kerja-kerja rectification.

Pada pendapat Audit, perancangan bajet, kaedah dan penyelarasan bagi penyenggaraan Projek SSH di Sabah bagi Fasa 1 selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan adalah kurang berkesan. Sistem solar hibrid yang tidak disenggarakan dengan segera dikhuatiri akan mudah rosak dan merugikan Kerajaan kerana menanggung kos yang tinggi untuk membaiki kerosakan tersebut. Kementerian hendaklah mengambil tindakan proaktif dengan menyediakan peruntukan yang mencukupi dan melantik kontraktor untuk kerja-kerja penyenggaraan bagi Projek SSH Fasa 1 yang rosak dan masih digunakan oleh pihak sekolah. Bagi Projek SSH yang tidak digunakan lagi dan telah mendapat bekalan elektrik dari talian grid, Kementerian hendaklah membuat keputusan sama ada untuk memindahkannya ke sekolah lain yang memerlukannya atau menjadikan peralatannya sebagai alat gantian ataupun melupuskannya.

33.5.4.5. Daftar Aduan Kerosakan Tidak Diselenggarakan

Daftar aduan kerosakan perlu diselenggarakan di setiap sekolah untuk merekodkan setiap aduan kerosakan yang dibuat dan respons kontraktor terhadap aduan kerosakan dapat dinilai. Pemeriksaan Audit mendapati kesemua sekolah tidak menyelenggarakan rekod aduan kerosakan. Oleh itu, tidak dapat ditentukan sama ada aduan berkenaan telah diambil tindakan oleh kontraktor dan dalam tempoh yang ditetapkan. Dengan itu prestasi kontraktor terhadap respon aduan kerosakan tidak dapat dinilai.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Kementerian dalam maklum balasnya telah meminta pihak JPN yang terlibat untuk mengarahkan pihak sekolah mengambil tindakan berkaitan. Kementerian juga memaklumkan, pihak JKR sentiasa memastikan kontraktor melaksanakan pemantauan terhadap aduan kerosakan yang dikemukakan oleh pengguna diselesaikan di dalam tempoh 14 hari.

Pada pendapat Audit, respon kontraktor terhadap aduan kerosakan tidak dapat ditentukan oleh kerana tiada rekod diselenggarakan bagi tujuan tersebut. Kementerian sepatutnya menyediakan satu daftar aduan kerosakan dan penyenggaraan yang seragam untuk kegunaan sekolah serta menilai prestasi kontraktor terhadap kerja penyenggaraan.

33.5.4.6. Pendaftaran Komponen Dan Peralatan Sistem Solar Hibrid

Syarat kontrak menetapkan peralatan solar hibrid yang dibekalkan hendaklah didaftarkan dalam Daftar Aset dan dilabel. Contoh peralatan ialah seperti bateri, set janakuasa, inverter, tangki air dan *water dispenser*, panel solar dan alat pemadam api. Lawatan ke 20 sekolah mendapati peralatan yang dipasang hanya ditandakan Hak Milik Kerajaan Malaysia dan tidak direkodkan dalam Daftar Aset. Sebahagian contoh peralatan yang dimaksudkan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 33.43



SK Telanok, Cameron Highlands, Pahang
- Contoh Peralatan Panel Solar Yang Belum Didaftarkan Dan Tidak Dilabel
(04.10.2011)

GAMBAR 33.44



SK Ladang Mutiara, Kluang, Johor
- Contoh Peralatan Inverter Yang Belum Didaftarkan Dan Tidak Dilabel
(19.10.2011)

GAMBAR 33.45



SK Tinanom, Ranau, Sabah
- Contoh Peralatan Inverter "Sunny Boy" Yang Belum Didaftarkan
(10.11.2011)

GAMBAR 33.46



SK Kalumpang, Semporna, Sabah
- Contoh Peralatan Bateri Yang Belum Didaftarkan
(22.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Kementerian mengambil maklum akan teguran Audit dan meminta pihak JPN Sabah pada 30 Mac 2012 untuk mengambil tindakan pendaftaran peralatan sistem solar hibrid di dalam Daftar Aset Alih Kerajaan.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan peralatan yang dipasang dilabel, direkodkan dan didaftarkan. Ia bagi tujuan memastikan aset Kerajaan dapat direkodkan dengan teratur dan terkawal serta tindakan penyenggaraan dapat ditentukan dengan berkesan.

33.5.5. Keselamatan Di Kawasan Sistem Solar Hibrid


Aspek keselamatan perlu diberi penekanan bagi menjamin keselamatan kawasan stesen sistem solar hibrid. Di sekeliling lokasi tersebut perlu dipagar dan diletak papan tanda amaran sebagai langkah keselamatan untuk mengelak daripada berlaku kecurian, pencemaran dan vandalisme serta keselamatan kepada murid-murid. Lawatan Audit ke 20 buah sekolah mendapati perkara seperti berikut:

33.5.5.1. Sistem Pengesan Dan Pemadam Kebakaran

Pemasangan sistem pengesan dan pemadam kebakaran adalah perlu untuk mengesan kebakaran di peringkat permulaan agar api dapat dipadamkan dengan serta merta. Pemeriksaan Audit bagi Projek SSH di negeri Sabah mendapati rumah kuasa yang menempatkan set janakuasa, inverter dan bateri tidak dilengkapi sistem pengesan dan pemadam kebakaran. Ia hanya dibekalkan dengan alat pemadam api (fire extinguisher) jenis *dry powder* yang digunakan secara manual dan ini adalah tidak berkesan

berbanding dengan Projek SSH di Semenanjung Malaysia yang dilaksanakan oleh TNB-ES. Ini adalah kerana rumah kuasa yang dibina di Semenanjung Malaysia dilengkapi dengan sistem pengesan dan pemadam kebakaran yang dapat mengesan dan memadamkan kebakaran secara automatik. Reka bentuk sistem pengesan dan pemadam kebakaran dan contoh perbandingan sistem pengesan dan pemadam kebakaran di antara Projek SSH di Semenanjung Malaysia dan Sabah adalah seperti di rajah dan gambar berikut:

RAJAH 33.1
SISTEM PENGESAN DAN PEMADAM KEBAKARAN



Sumber : Projek Sistem Solar Hibrid Semenanjung Malaysia, TNB-ES

GAMBAR 33.47




SK Ladang Mutiara, Kluang, Johor
- Sistem Pengesan Kebakaran Yang Dipasang Bagi Projek SSH Di Semenanjung Malaysia
(19.10.2011)

GAMBAR 33.48



SK Punan, Kluang, Johor
- Tangki Pemadam Api Dalam Rumah Kuasa Adalah Sebahagian Sistem Pengesan Dan Pemadam Kebakaran
(19.10.2011)

GAMBAR 33.49



SK Telanok, Cameron Highlands, Pahang
- Alat Pengesan Dan Pemadam Kebakaran Yang Dipasang Di Dalam Rumah Kuasa
(05.10.2011)

GAMBAR 33.50



SK Lenjang, Kuala Lipis, Pahang
- Fire Curtain Dalam Rumah Kuasa Berfungsi Secara Automatik Untuk Menghalang Api Daripada Merebak Keluar
(04.10.2011)

GAMBAR 33.51



SK Longut, Ranau, Sabah
- Hanya Alat Pemadam Api Jenis Dry Powder Diletakkan Di Dalam Rumah Kuasa
(10.11.2011)

GAMBAR 33.52



SK Timbua, Ranau, Sabah
- Rumah Kuasa Yang Menempatkan Inverter Dan Bateri Tidak Dilengkapi Alat Pengesan Kebakaran
(08.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Mengikut maklum balas Kementerian dan JKR, skop kerja pemasangan sistem pengesan dan pemadam kebakaran tidak dimasukkan dalam skop kerja asal bagi Projek SSH di Sabah. Bagaimanapun, pihak JKR telah menyedari keperluan sistem tersebut dan mencadangkan kepada Kementerian sebagai tambahan skop kerja. Pada masa ini, Kementerian sedang mempertimbangkan cadangan JKR untuk menggunakan gas aerosol sebagai agen pemadam kebakaran berdasarkan peruntukan kewangan sedia ada Kementerian.

33.5.5.2. Sistem Perangkap Minyak Dan Gris

a. Sistem Perangkap Minyak Dan Gris (Oil And Grease Trap) adalah penting bagi menghalang minyak dan gris daripada dilepaskan keluar ke longkang dan seterusnya ke kawasan sekitar yang akan mengakibatkan pencemaran kawasan persekitaran, punca air dan sungai.

b. Pihak Audit mendapati sistem perangkap minyak dan gris yang direka bentuk bagi Projek SSH oleh TNB-ES adalah berkesan bagi tujuan kawalan pengumpulan dan pemendapan sisa buangan dari minyak dan gris khususnya untuk pelupusan. Bagaimanapun sistem ini tidak termasuk di dalam reka bentuk bagi Projek SSH di negeri Sabah. Tumpahan minyak di dalam rumah kuasa di 3 buah sekolah di Sabah tidak mengalir keluar menyebabkan lantai dalam rumah kuasa kotor dan licin. Contoh sistem perangkap minyak dan gris yang digunakan di Semenanjung Malaysia dan keadaan rumah kuasa di Sabah yang tidak dipasang sistem perangkap minyak dan gris adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 33.53



SK Lenjang, Kuala Lipis, Pahang
- Sistem Perangkap Minyak Dan Gris Yang Berfungsi Menghalang Pencemaran
(04.10.2011)

GAMBAR 33.54



SK Tunjuk Laut,Kota Tinggi, Johor
- Sistem Perangkap Minyak Dan Gris Dibina Bersebelahan Janakuasa Dan Tangki Minyak
(18.10.2011)

GAMBAR 33.55



GAMBAR 33.56



SK Longut, Ranau, Sabah
- Kesan Tumpahan Minyak Pada Lantai Akibat Sambungan Saluran Paip Minyak Yang Tidak Kemas
(09.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Berdasarkan maklum balas Kementerian dan JKR, dalam spesifikasi LS-7 untuk single phase generator set, pemasangan sistem perangkap minyak dan gris tidak diwajibkan. Tambahan pula, saiz* set janakuasa *tersebut adalah berkapasiti kecil dan hanya digunakan sebagai sistem backup serta berkonfigurasi untuk beroperasi pada kadar minimum. Bagaimanapun, pihak JKR mengambil maklum akan masalah kebocoran saluran diesel dan telah mengarahkan kontraktor untuk melaksanakan kerja pembaikan.

33.5.5.3. Penyimpanan Bahan Mudah Terbakar

a. Bagi mengelakkan kebakaran dan pencemaran, bahan mudah terbakar seperti minyak petrol dan diesel dalam kuantiti pukal hendaklah disimpan jauh dari bangunan stor dan jika perlu ia disimpan dalam tangki atau tangki bawah tanah dan hendaklah diberi tanda pengenalan secukupnya seperti mana kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 - Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan.

b. Lawatan Audit ke tapak rumah janakuasa di SK Ladang Segaria dan SK Kalumpang, Semporna, Sabah mendapati tong minyak yang berisi diesel untuk kegunaan janakuasa tersebut diletakkan di dalam kawasan pagar rumah janakuasa dan berhampiran dengan tangki minyak. Menurut kontraktor dan wakil Pegawai Penguasa, stok diesel tersebut ditempatkan berhampiran tangki minyak bagi memudahkan kerja pengisian semula sekiranya bekalan minyak di tangki habis. Lokasi stok minyak di sekolah tersebut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 33.57



GAMBAR 33.58



SK Ladang Segaria, Semporna, Sabah
- Stok Minyak Untuk Janakuasa Beroperasi Diletakkan Di Sebelah Tangki
Dan Terdedah Kepada Hujan Dan Panas Matahari
(21.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Pihak JKR telah mengarahkan kontraktor pada 15 Disember 2011 untuk mengalihkan tong-tong minyak diesel simpanan tersebut ke tempat yang berbumbung iaitu rumah janakuasa.

Pada pendapat Audit, aspek keselamatan di kawasan stesen sistem solar hibrid khususnya berkenaan dengan sistem pengesan dan pemadam kebakaran, sistem perangkap minyak dan gris serta penyimpanan stok minyak perlu diberi perhatian bagi menjamin keselamatan secara menyeluruh dan mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini seperti kebakaran, pencemaran, kecurian dan vandalisme.

33.5.6. Sistem Pemantauan

33.5.6.1. Pemantauan Projek SSH

a. Kementerian perlu mengadakan mesyuarat tapak sebulan sekali di antara Unit Teknikal Bahagian Pembangunan, Unit Perunding ICT JKR, wakil syarikat/perunding yang dilantik oleh syarikat dan wakil JPN bagi membincangkan status projek, laporan dan bayaran kemajuan kerja serta masalah berbangkit semasa pelaksanaan projek. Selain itu, penyelia tapak/wakil syarikat/perunding juga menyelia dan mengadakan pemeriksaan tapak bagi tujuan menyelia kerja pengesahan tuntutan bagi tujuan tuntutan bayaran kemajuan kerja. Unit Perunding ICT JKR juga mengadakan lawatan tapak bersama kontraktor/perunding bagi membuat pengesahan dan ujian sebelum penyerahan projek.

b. Semakan Audit mendapati pemantauan projek kurang memuaskan kerana semua projek telah gagal disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan telah diberi tambahan masa melebihi 4 bulan serta beberapa kerja pemasangan, pembinaan dan penyenggaraan adalah kurang berkualiti. Sebahagian bangunan yang dibina tidak digunakan dan kerja tidak mengikut spesifikasi serta aset tidak direkodkan dalam Daftar Aset. Unit Luar Bandar, Bahagian Pembangunan, Kementerian memaklumkan mereka menghadapi kekangan peruntukan dan kekurangan kakitangan bagi tujuan program pemantauan. Pada masa yang sama, mereka juga perlu menjaga dan memantau projek-projek lain dan bergantung kepada perunding/wakil Pegawai Penguasa yang dilantik bagi pihak mereka untuk menjalankan tugas penyeliaan dan pemantauan.

33.5.6.2. Sistem Pemantauan Berkomputer

a. Berdasarkan skop kerja, sistem solar hibrid hendaklah dilengkapi dengan sistem pemantauan yang berpusat di Kementerian dan boleh diakses oleh pihak yang terlibat dengan kata laluan yang tertentu. Pemantauan perlu merangkumi antara lain terhadap status setiap peralatan aktif termasuk set janakuasa, bateri, panel solar, inverter, suhu rumah kuasa, serta output elektrik yang berkaitan dengan penjanaan, penggunaan dan penyimpanan tenaga elektrik. Reka bentuk sistem hendaklah mempunyai *Remote Terminal Unit* (RTU) di setiap tapak yang disambung melalui projek *Schoolnet* dan berupaya menyimpan log data sekurang-kurangnya selama sebulan.

b. Pemeriksaan Audit mendapati sistem pemantauan ini iaitu J-Scada bagi projek di Sabah dan Leonics bagi projek di Semenanjung Malaysia telah dipasang oleh kontraktor pada sistem solar hibrid di setiap sekolah dengan anggaran kos masing-masing adalah sejumlah RM67,300 dan RM51,388. Bagaimanapun semasa

pemeriksaan Audit, sistem pemantauan ini tidak dapat berfungsi kerana semua projek *Schoolnet* di sekolah yang berkenaan tidak berfungsi kecuali di SK Ladang Mutiara, Kluang yang mana pihak syarikat berjaya membuat demonstrasi sistem berkenaan kepada pihak Audit.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Projek Schoolnet di sekolah yang tidak berfungsi telah menyebabkan sistem pemantauan J-Scada bagi projek di Sabah dan Leonics bagi projek di Semenanjung Malaysia tidak dapat berfungsi. Kementerian mengambil maklum perkara ini dan kini di dalam proses menggantikan projek Schoolnet kepada Bestarinet dan sekiranya ianya telah selesai sistem pemantauan ini akan berfungsi seperti yang dirancang.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap kerja Projek SSH di sekolah hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan. Kementerian hendaklah membuat kajian dan penilaian semula ke atas bebanan kerja yang ditanggung dan peruntukan tahunan Bahagian Pembangunan supaya selaras dengan tanggungjawab semasa. Bagi sistem pemantauan berkomputer yang belum dapat berfungsi, Kementerian hendaklah berbincang dengan pihak yang terlibat supaya penyelarasan dapat diatur dan sistem pemantauan yang telah dipasang ini dapat beroperasi dengan sempurna dan mencapai matlamatnya.

33.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan segala kelemahan yang berbangkit diperbaiki dan sistem solar hibrid dapat digunakan dengan cekap dan berkesan serta Kerajaan mendapat *value for money* terhadap projek ini, adalah disyorkan supaya Kementerian mempertimbangkan perkara berikut:

33.6.1. Merancang Projek SSH yang akan datang secara komprehensif dengan mengambil kira koordinasi antara kementerian/agensi, faktor cuaca dan kesukaran perhubungan supaya tempoh penyiapan projek mengikut jadual yang ditetapkan dan mengelakkan pertindihan projek. Selain itu, perancangan yang dibuat juga perlu mengambil kira keperluan tenaga tambahan untuk masa depan dan pengagihan bekalan kuasa elektrik secara menyeluruh bagi memastikan aktiviti pembelajaran dan pengajaran tidak terjejas.

33.6.2. Mengkaji semula Projek SSH yang tidak digunakan lagi kerana telah mendapat bekalan elektrik atau bertindan dengan sistem talian grid supaya memindahkan peralatan ke sekolah lain yang memerlukan, diguna sebagai alat gantian ataupun dilupuskan.

33.6.3. Mengadakan perbincangan dengan pihak terlibat bagi menentukan keperluan sebenar komponen bangunan sebelum sesuatu projek dimulakan. Pihak sekolah juga hendaklah menggunakan kemudahan bangunan yang dibina dengan sepenuhnya supaya pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih kondusif serta mengelakkan pembaziran.

33.6.4. Memastikan semua kerja pembinaan dan kecacatan yang berlaku diperbaiki dengan sempurna oleh kontraktor dalam tempoh tanggungan kecacatan bagi mengelakkan Kerajaan terus mengalami kerugian kerana perlu menanggung kos pembaikan berkaitan.

33.6.5. Mengkaji untuk meningkatkan kekerapan penyenggaraan berkala sebagai langkah pencegahan bagi memastikan komponen-komponen sistem solar hibrid berada dalam keadaan baik dan kawasan persekitaran juga dalam keadaan bersih di samping peralatan-peralatan yang rosak dapat diperbaiki dengan segera dan digunakan oleh pelajar dan sekolah.

33.6.6. Menyediakan peruntukan yang mencukupi dan melantik kontraktor untuk kerja penyenggaraan bagi Projek SSH Fasa 1 yang rosak dan masih digunakan oleh pihak sekolah.

33.6.7. Menyediakan satu daftar aduan kerosakan dan penyenggaraan yang seragam untuk kegunaan sekolah bagi menilai prestasi kontraktor terhadap respons aduan kerosakan dan kerja penyenggaraan. Selain itu, semua peralatan perlu direkodkan dengan teratur dan terkawal supaya tindakan penyenggaraan dapat ditentukan dengan berkesan.

33.6.8. Meningkatkan aspek keselamatan di kawasan stesen sistem solar hibrid khususnya berkenaan dengan sistem pengesan dan pemadam kebakaran, sistem perangkap minyak dan gris serta penyimpanan stok minyak bagi mengelakkan berlakunya kebakaran, pencemaran, kecurian dan vandalisme.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 254-264
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

34. PENGURUSAN KUARTERS

34.1. LATAR BELAKANG

34.1.1. Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) menyediakan kuarters sebagai satu usaha untuk mempertingkatkan kebajikan dan kemudahan tempat tinggal warga pendidik. Rumah kediaman (kuarters) disediakan di kompleks kuarters, institusi dan sekolah untuk kemudahan warga pendidik seperti Pengarah/Pengetua/Guru Besar, Pensyarah/Guru, Warden Asrama dan sebagainya. Penyediaan kuarters juga dapat mengurangkan beban kewangan anggota yang berpendapatan rendah, di samping dapat membantu tugas dan tanggungjawab rasmi dilaksanakan dengan lebih baik, cekap dan sempurna.

34.1.2. Kuarters Kementerian merangkumi kompleks kuarters dan kuarters bersama kompleks bangunan institusi/sekolah. Antara jenis kuarters Kementerian ialah rumah banglo, rumah berkembar, rumah teres, apartmen dan rumah gotong-royong. Sehingga bulan Disember 2011, Kementerian memiliki sebanyak 31,759 unit kuarters yang dibina secara kompleks kuarters, kuarters Sekolah Harian, Sekolah Agama, Sekolah Menengah Teknik/Vokasional dan Institut Aminuddin Baki.

34.1.3. Penyenggaraan kuarters diurus dan diselia di peringkat Kementerian/Pusat Tanggungjawab (PTJ) dengan menggunakan peruntukan perbelanjaan mengurus. Perbelanjaan bagi penyenggaraan menggunakan kod Objek Sebagai (OS28000) Penyenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, perbelanjaan penyenggaraan adalah berjumlah RM3.138 bilion.

34.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan kuarters Kementerian telah dirancang dan diuruskan dengan teratur, berhemat dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan bagi mencapai objektifnya.

34.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini merangkumi aspek pengisian, penyenggaraan dan pemantauan kuarters Kementerian bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan telah dijalankan di peringkat Kementerian melibatkan Bahagian Pembangunan (BP) dan Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset (BPPA), manakala di peringkat negeri melibatkan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Sarawak yang meliputi 9 Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), 3 Institut Pendidikan Guru (IPG) dan 46 Kuarters Institusi Pendidikan (KIP)/Kuarters Rumah Guru (KRG)/sekolah.

34.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen terhadap pengurusan dan penyenggaraan kuarters berkaitan. Pihak Audit juga telah menemu bual pegawai di BP dan BPPA yang terlibat di peringkat Kementerian dan di JPN/PPD/Institusi/sekolah serta melakukan lawatan fizikal ke kuarters terpilih. Selain itu, borang soal selidik telah diedarkan kepada penghuni bagi mendapatkan maklum balas.

34.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2011 hingga Januari 2012 mendapati pada umumnya Kementerian telah berjaya menyediakan kemudahan kuarters di luar bandar dan pedalaman serta di bandar. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan kuarters seperti berikut:

i. peruntukan khusus tidak disediakan bagi penyenggaraan kuarters;
ii. Kementerian tidak mempunyai data tepat berkenaan jumlah keseluruhan kuarters yang dimiliki dan penyelenggaraan rekod aset tidak memuaskan;
iii. tiada garis panduan yang standard diwujudkan menyebabkan pelaksanaan pengurusan kuarters di peringkat PPD/sekolah tidak seragam;
iv. pemotongan dan bayaran elaun serta bil utiliti tidak teratur;
v. kuarters tidak dijaga dengan baik dan disalahgunakan; dan
vi. kawalan dan pemantauan terhadap pengurusan kuarters tidak selaras di peringkat Kementerian/JPN/PPD/IPG/sekolah.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

34.5.1. Prestasi Pengurusan Kuarters Kementerian

34.5.1.1. Prestasi Kewangan

a. Penyenggaraan kuarters Kementerian diurus dan diselia di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) dengan menggunakan perbelanjaan mengurus kod Objek Lanjut (OL28101) Penyenggaraan Bangunan Kediaman (termasuk berek/asrama dan rumah rehat) di bawah pecahan kod Objek Sebagai (OS28000) Penyenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, Kementerian/JPN/PPD/Institusi/sekolah hanya membelanjakan RM143.29 juta di bawah OL28101 iaitu antara 2.6% hingga 5.6% daripada peruntukan yang diluluskan di bawah OS28000 berjumlah RM3.292 bilion. Keadaan ini berlaku kerana tiada bajet khusus diperuntukkan bagi tujuan kerja pembaikan dan penyenggaraan bangunan kuarters dalam peruntukan mengurus. Keutamaan perbelanjaan adalah bagi kerja pembaikan dan penyenggaraan bangunan sekolah serta penyenggaraan kenderaan jabatan. Di samping itu, didapati penyenggaraan pencegahan (preventive maintenance) tidak dilaksanakan disebabkan peruntukan tidak dipohon oleh JPN, sebaliknya hanya peruntukan penyenggaraan pembaikan (corrective maintenance), naik taraf dan kerja pembaikan kuarters dimohon kepada pihak Kementerian. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 34.1
PERUNTUKAN DI BAWAH OBJEK SEBAGAI 28000 DAN PERBELANJAAN OBJEK LANJUT 28101 MENGIKUT NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

NEGERI	TAHUN 2009			TAHUN 2010			TAHUN 2011		
	PERUNTUKAN OS28000 (RM Juta)	PERBELANJAAN OL28101		PERUNTUKAN OS28000 (RM Juta)	PERBELANJAAN OL28101		PERUNTUKAN OS28000 (RM Juta)	PERBELANJAAN OL28101	
		AMAUN (RM Juta)	(%)		AMAUN (RM Juta)	(%)		AMAUN (RM Juta)	(%)
Pulau Pinang	58.61	3.61	6.2	25.77	0.47	1.8	33.52	0.82	2.5
Pahang	100.47	4.66	4.6	55.59	0.41	0.7	62.43	1.72	2.8
Perak	115.34	2.56	2.2	72.39	1.24	1.7	84.11	1.60	1.9
Johor	122.17	6.32	5.2	85.66	2.70	3.1	97.72	2.71	2.8
Kedah	70.82	3.95	5.6	46.38	0.71	1.5	57.47	1.31	2.3
Kelantan	82.70	5.57	6.7	50.87	0.32	0.6	59.02	0.61	1.0
Melaka	38.59	0.64	1.7	22.69	0.20	0.9	28.66	0.30	1.0
Perlis	24.45	1.56	6.4	10.96	0.32	3.0	13.29	0.02	0.2
W.P. Labuan	8.75	0.87	9.9	6.12	0.98	16.0	5.09	1.02	20.0

NEGERI	TAHUN 2009			TAHUN 2010			TAHUN 2011		
	PERUNTUKAN OS28000 (RM Juta)	PERBELANJAAN OL28101		PERUNTUKAN OS28000 (RM Juta)	PERBELANJAAN OL28101		PERUNTUKAN OS28000 (RM Juta)	PERBELANJAAN OL28101	
		AMAUN (RM Juta)	(%)		AMAUN (RM Juta)	(%)		AMAUN (RM Juta)	(%)
Sabah	116.66	12.47	10.7	96.59	3.94	4.1	114.23	6.86	6.0
Terengganu	85.79	3.35	3.9	56.89	1.41	2.5	58.51	1.28	2.2
Selangor	58.76	3.52	6.0	31.85	4.29	13.5	38.78	4.91	12.7
Sarawak	129.94	16.50	12.7	64.75	2.84	4.4	80.95	5.91	7.3
Negeri Sembilan	73.73	2.41	3.3	36.28	0.09	0.2	44.96	0.58	1.3
Ibu Pejabat	220.65	6.37	2.9	170.48	2.33	1.4	344.64	17.03	4.9
Lain-Lain*	12.50	TM	-	6.86	TM	-	8.87	TM	-
JUMLAH	**1,319.93**	**74.36**	**5.6**	**840.13**	**22.25**	**2.6**	**1,132.25**	**46.68**	**4.1**

Sumber: ***Bahagian Kewangan Dan Bahagian Akaun, Kementerian Pelajaran Malaysia***
Nota: ***(*) - Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Akauntan Negara***
TM - Tiada Maklumat

b. Semakan Audit terhadap aktiviti kerja pembaikan dan penyenggaraan bangunan kuarters bagi kuarters yang dilawati menunjukkan perbelanjaan bagi tujuan tersebut kurang diberikan keutamaan. Perbelanjaan yang dilakukan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 di bawah OL28101 adalah berjumlah RM4,400 iaitu hanya dilakukan pada tahun 2011. Keadaan ini berlaku kerana tiada bajet khusus diperuntukkan di bawah OL28101. Perbelanjaan di bawah OL28101 hanya dilakukan jika terdapat lebihan peruntukan di bawah OS28000. Butiran perbelanjaan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 terhadap kuarters yang dilawati adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 34.2
PERBELANJAAN PENYENGGARAAN DI BAWAH OS28000 DAN OL28101
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011 BAGI KUARTERS YANG DILAWATI

NEGERI/ DAERAH	KIP/KRG/IPG/SEKOLAH	TAHUN 2009		TAHUN 2010		TAHUN 2011	
		OS28000 (RM)	OL28101 (RM)	OS28000 (RM)	OL28101 (RM)	OS28000 (RM)	OL28101 (RM)
PERAK							
Larut Matang dan Selama; Kinta Utara dan Perak Tengah	KIP Kampung Jambu, SK Assam Kumbang dan KIP Simpang, Taiping; KRG Bercham, KRG SMK Gunung Rapat, KIP Tasek Damai, KIP Ulu Kinta dan KIP Jelapang Jaya, Ipoh dan KRG Seri Iskandar, Bandar Seri Iskandar KIP SMKA Sultan Azlan Shah, SK Bota Kanan, Bota; IPG Kampus Ipoh dan SBPI Gopeng, Gopeng, Perak	122,922	-	75,000	-	471,075	-
SARAWAK							
Miri dan Samarahan	KIP Krokop, SK Anchi, SK Pujut Corner, KIP Taman Tunku, Miri; SMK Muara Tuang, SMK Asajaya, SK Sebandi Ulu, Asajaya, SK Tanjong Apong, Asajaya, SK Kampung Baru, Kota Samarahan; IPG Kampus Sarawak, Miri dan SMS Kuching, Kuching, Sarawak	268,530	-	14,659	-	-	4,400
PAHANG							
Kuantan dan Pekan	KIP Pandan 2, Kuantan SK Lepar, Pekan, SMK Lepar Hilir, Kuantan, KIP Semambu, Kuantan; KIP Peramu Jaya, KIP Seri Pekan, SMK Chini Timur, Chini, KIP Chini, Chini, SBPI Kuantan, Kuantan, SMS Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, SBPI Tun Abdul Razak, Pekan dan SS Sultan Haji Ahmad Shah, Pekan, Pahang	173,878	-	398,066	-	14,950	-
NEGERI SEMBILAN							
Seremban dan Port Dickson	SMK Seremban Jaya, SK Seremban Jaya, SK Dato` Shahbandar Abu Bakar, SK LB Johnson, SMK Panchor, Seremban; KIP Bagan Pinang, Port Dickson, SK Kampung Baru Si Rusa, SMK Kampung Baru Si Rusa dan SK Teluk Kemang, SMK Tinggi Port Dickson, KIP Lukut, Lukut; IPG Kampus Raja Melewar, Seremban dan SBP Dato` Abdul Razak, Seremban, Negeri Sembilan	26,840	-	-	-	849,645	-
JUMLAH		**592,170**	**-**	**487,725**	**-**	**1,335,670**	**4,400**

Sumber: ***Perbelanjaan Yang Dikemukakan Oleh PPD/IPG/Sekolah Berkenaan***

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk penyenggaraan kuarters adalah RM34.90 juta. Kekangan peruntukan menyebabkan preventive maintenance tidak dapat disediakan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Kementerian pernah menjalankan Projek Rintis melibatkan 3 daerah berhubung penyenggaraan kuarters. Bagaimanapun sejak tahun 2010, projek ini tidak dapat diperluaskan ke kuarters yang lain kerana peruntukan yang diterima adalah tidak mencukupi. Oleh itu, penyenggaraan akan ditumpukan pada unit yang didiami sahaja mengikut keutamaan skop kerja pembaikan.

34.5.1.2. Pengisian Kuarters Kementerian

a. Sehingga bulan Disember 2011, Kementerian memiliki 31,759 unit kuarters yang dibina secara kompleks kuarters, kuarters Sekolah Harian, Sekolah Agama, Sekolah Menengah Teknik/Vokasional dan Institut Aminuddin Baki. Bagaimanapun, Kementerian tidak dapat mengemukakan data berkenaan bilangan kuarters dan pengisiannya bagi kuarters yang terdapat di Institusi Pendidikan Guru, Kolej Matrikulasi, Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Sukan/Seni dan Sekolah Pendidikan Khas. Berdasarkan data 31,759 unit kuarters, hanya 22,768 (71.7%) unit sahaja yang diisi. Butiran lanjut unit kuarters dan pengisiannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 34.3
BILANGAN UNIT DAN ENROLMEN PENGISIAN KUARTERS MENGIKUT NEGERI BAGI KOMPLEKS KUARTERS, SEKOLAH HARIAN, BPI, BPTV DAN IAB

NEGERI	JUMLAH KUARTERS	UNIT			
		DIISI	(%)	KOSONG	(%)
Pulau Pinang	1,067	383	35.9	684	64.1
Pahang	3,252	2,001	61.5	1,251	38.5
Perak	3,427	2,133	62.2	1,294	37.8
Johor	3,296	2,435	73.9	861	26.1
Kedah	1,746	673	38.5	1,073	61.5
Kelantan	1,173	857	73.1	316	26.9
Melaka	515	289	56.1	226	43.9
Perlis	304	142	46.7	162	53.3
W.P. Labuan	97	49	50.5	48	49.5
Sabah	685	455	66.4	230	33.6
Terengganu	1,736	1,202	69.2	534	30.8
Selangor	4,108	3,532	86.0	576	14.0
W.P. Kuala Lumpur	850	827	97.3	23	2.7
Sarawak	8,117	6,877	84.7	1,240	15.3
Negeri Sembilan	1,386	913	65.9	473	34.1
JUMLAH KESELURUHAN	**31,759**	**22,768**	**71.7**	**8,991**	**28.3**

Sumber: Bahagian Pembangunan, Bahagian Pendidikan Islam, Bahagian Pendidikan Teknik/Vokasional Dan Institut Aminuddin Baki

b. **Semakan Audit terhadap kuarters yang dilawati di 3 IPG dan 46 KIP/KRG/sekolah mendapati hanya 1,397 (55.3%) unit kuarters diisi daripada 2,522 unit kuarters sedia ada**. Faktor kuarters kurang mendapat permintaan adalah disebabkan antaranya tiada penyenggaraan berjadual terutamanya terhadap sistem kumbahan, tangki air dan pembersihan; kerosakan yang berlaku lewat atau tidak dibaiki oleh JPN/PPD/ Institusi/sekolah disebabkan kekurangan atau tiada peruntukan; kadar sewa rumah di sekitar kuarters lebih rendah berbanding jumlah elaun yang dipotong apabila pegawai menduduki kuarters serta keadaan kuarters yang uzur, daif dan tidak sesuai untuk didiami. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 34.4
BILANGAN UNIT DAN ENROLMEN PENGISIAN KUARTERS YANG DILAWATI

NEGERI	DAERAH	KIP/KRG/IPG/SEKOLAH	UNIT		
			KUARTERS	DIISI	KOSONG
Perak	Larut, Matang dan Selama	KIP Kampung Jambu, SK Assam Kumbang dan KIP Simpang, Taiping	104	92	12
	Kinta Utara	KRG Bercham, KRG SMK Gunung Rapat, KIP Tasek Damai, KIP Ulu Kinta dan KIP Jelapang Jaya, Ipoh	529	212	317
	Perak Tengah	KRG Seri Iskandar, Bandar Seri Iskandar, KIP SMKA Sultan Azlan Shah, SK Bota Kanan, Bota	91	33	58
		IPG Kampus Ipoh	12	11	1
		SBPI Gopeng, Gopeng, Ipoh	20	14	6
Sarawak	Miri	KIP Krokop, SK Anchi, SK Pujut Corner dan KIP Taman Tunku, Miri	285	229	56
	Samarahan	SMK Muara Tuang dan SK Kampung Baru, Kota Samarahan; SMK Asajaya, SK Sebandi Ulu dan SK Tanjong Apong, Asajaya	115	65	50
		IPG Kampus Sarawak, Miri	41	36	5
		SMS Kuching, Kuching	39	18	21
Pahang	Kuantan	KIP Pandan 2, SMK Lepar Hilir dan KIP Semambu, Kuantan	350	155	195
	Pekan	KIP Peramu Jaya, KIP Seri Pekan, SK Lepar, SMK Chini Timur, Chini dan KIP Chini, Pekan	512	277	235
		SBPI Kuantan, Kuantan	24	21	3
		SS Sultan Haji Ahmad Shah, Pekan	35	19	16
		SMS Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan	9	9	0
		SBPI Tun Abdul Razak, Pekan	24	22	2
Negeri Sembilan	Seremban	SMK Seremban Jaya, SK Seremban Jaya, SK Dato' Shahbandar Abu Bakar, SK LB Johnson dan SMK Panchor, Seremban	78	54	24
	Port Dickson	KIP Bagan Pinang, SK Kampung Baru Si Rusa, SMK Kampung Baru Si Rusa, SK Telok Kemang, SMK Tinggi Port Dickson dan KIP Lukut, Port Dickson	183	100	83
		IPG Kampus Raja Melewar, Seremban	24	11	13
		SBP Dato' Abdul Razak, Seremban	47	19	28
JUMLAH			**2,522**	**1,397**	**1,125**

c. Bahagian Pembangunan, Kementerian dipertanggungjawabkan membina/ menyediakan kuarters dan apabila siap ia diserahkan kepada JPN/PPD/Institusi/ sekolah masing-masing untuk menguruskannya. Manakala Unit Pembangunan di PPD selain dipertanggungjawabkan untuk menyenggara bangunan sekolah juga diberikan tugas mengawal pengisian dan penyenggaraan kuarters. Adalah didapati tiada pegawai khusus yang bertanggungjawab mengurus dan menjaga hal ehwal kuarters Kementerian sama ada di peringkat Kementerian/ Jabatan/PPD/Institusi/ sekolah. Bagaimanapun bermula pada bulan November 2011, tugas dan tanggungjawab berkenaan kuarters diletakkan di bawah Unit Pengurusan Hartanah, BPPA. Manakala di peringkat PPD/Institusi/sekolah, urusan kuarters masing-masing di bawah tanggungjawab Unit Pembangunan/Unit Pentadbiran. Di Kementerian, 3 orang pegawai yang terlibat bagi pengurusan kuarters manakala di peringkat PPD/Institusi/sekolah masing-masing seorang pegawai yang terlibat. Selain itu, adalah didapati pegawai yang bertanggungjawab mengurus kuarters kurang didedahkan dengan aspek pengurusan kuarters melalui kursus atau latihan yang sepatutnya.

Pada pendapat Audit, JPN perlu memohon peruntukan penyenggaraan pencegahan (preventive maintenance) dan menyediakan peruntukan khusus untuk kerja pembaikan dan penyenggaraan kuarters khususnya melalui peruntukan mengurus. Selain itu, Kementerian perlu mengadakan pangkalan data kuarters. Bagi tujuan ini, unit dan perjawatan hendaklah diwujudkan di peringkat Kementerian/JPN/PPD khusus bagi tujuan pengawalan, pengawasan,

penyenggaraan, pelupusan dan pemantauan terhadap semua kuarters yang dimilikinya. Pegawai yang ditugaskan bagi pengurusan kuarters perlu diberi latihan berkaitan pengurusan kuarters dengan mempelajari sistem atau tatacara pengurusan kuarters daripada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Menurut maklum balas Kementerian, Unit Pengurusan Hartanah sedang menyelaras sistem pengurusan kuarters, mengumpul maklumat pengisian kuarters, menyewakan kuarters yang kosong kepada agensi lain/swasta dan menukar fungsi kuarters. Penambahan perjawatan amat mendesak bagi mewujudkan satu unit pengurusan kuarters supaya kuarters dapat diuruskan dengan lebih cekap dan teratur. Kementerian juga telah mengadakan Bengkel Penyelarasan Pengurusan Kuarters bagi tahun 2012 untuk menyelaras Garis Panduan Pengurusan Kuarters.

34.5.2. Pengurusan Kuarters Kementerian

34.5.2.1. Peraturan Dan Garis Panduan

Pengurusan terhadap kuarters tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan dalam Perintah Am Bab E (Rumah dan Bangunan Pejabat) di samping pekeliling-pekeliling lain yang berkuatkuasa. Peraturan juga menghendaki Kementerian mengenal pasti dan menyenaraikan jawatan-jawatan serta penempatan jawatan bagi pegawai yang disediakan Rumah Khas Jabatan/Jawatan. Bagi maksud ini surat edaran dalaman hendaklah dikeluarkan bagi tujuan tersebut. Semakan Audit terhadap pengurusan kuarters Kementerian mendapati perkara berikut:

a. Kementerian tidak mengeluarkan garis panduan terhadap pengurusan kuarters sebagai panduan kepada pegawai bertanggungjawab. Lawatan Audit mendapati hanya PPD Kinta Utara, Ipoh, Perak telah mengeluarkan garis panduan bagi menguruskan kuarters di bawah kawalannya. Pegawai Kementerian/PPD/IPG/ sekolah hanya merujuk kepada Perintah Am Bab E dan pekeliling berkaitan yang berkuatkuasa sebagai panduan semasa mengurus kuarters di bawah jagaan masing-masing. Ketiadaan garis panduan yang standard menyebabkan pelaksanaan pengurusan kuarters di peringkat PPD/sekolah tidak seragam antaranya kawalan permohonan pengisian/pengosongan kuarters sekolah oleh pelbagai pihak; pemotongan elaun juga tidak seragam dan tidak teratur; penyenggaraan kuarters dilaksanakan oleh pelbagai peringkat menyukarkan kawalan; pelbagai kaedah berkaitan pembayaran bil utiliti dan kenaan caj tidak seragam serta tiada daftar aset/kelengkapan diwujudkan.

b. Kementerian tidak menyenaraikan Rumah Khas Jabatan bagi pegawai yang dikehendaki berada setiap masa berdekatan dengan tempat bekerja (contohnya warden) dan Rumah Khas Jawatan bagi pegawai yang memegang jawatan tertentu (contohnya Pengarah IPG dan Pengetua). Semakan Audit selanjutnya mendapati walaupun pihak Kementerian tidak menyenaraikan Rumah Khas berkenaan, pihak IPG/sekolah telah membayar Bayaran Perumahan Khas (BPK) antaranya kepada Pengarah IPG, Timbalan Pengarah IPG, Pengetua, Penolong Kanan dan Warden yang menduduki kuarters. Pembayaran BPK tanpa menyenaraikan Rumah Khas Jabatan/Jawatan adalah bertentangan dengan peraturan yang ditetapkan oleh pekeliling berkenaan. Butiran lanjut bayaran BPK terhadap pegawai yang menduduki kuarters adalah seperti berikut:

JADUAL 34.5
BILANGAN PEGAWAI YANG MENERIMA BAYARAN PERUMAHAN KHAS DI KIP/IPG/SEKOLAH YANG DILAWATI

KIP/IPG/ SEKOLAH	BIL. PEGAWAI	JAWATAN	SLIP GAJI (Bulan)	BAYARAN PERUMAHAN KHAS (RM)
IPG Kampus Ipoh, Ipoh, Perak	7	Ketua Warden Dan Warden	10/2011	90 - 350
SBPI Gopeng, Gopeng, Perak	5	Pengetua dan Warden	09/2011 dan 11/2011	125 - 450
SMK Muara Tuang, Kota Samarahan, Sarawak	9	Pengetua, Ketua Warden dan Warden	10/2011	90 - 350
SMK Asajaya, Asajaya, Sarawak	12	Pengetua dan Warden	11/2011	90 - 350
IPG Kampus Sarawak, Miri, Sarawak	10	Pengarah, Pensyarah/Warden, Penyelia Asrama dan Penolong Pengurus Asrama	3/2012	90 - 450
SMS Kuching, Kuching, Sarawak	10	Pengetua dan Warden	11/2011	90 - 350
KIP Seri Pekan, Pekan, Pahang	3*	Warden	01/2012	125
SBPI Kuantan, Kuantan, Pahang	10	Pengetua, Penolong Kanan Kokurikulum, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Ketua Warden dan Warden	12/2011	90 - 350
SMS Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang	3	Ketua Warden dan Warden	01/2012	125 - 200
SBPI Tun Abdul Razak, Pekan, Pahang	10	Pengetua, Guru Penolong Kanan HEM, Ketua Warden dan Warden	03/2012	90 - 650
SS Sultan Haji Ahmad Shah, Pekan, Pahang	9	Pengetua, Guru Penolong Kanan, Ketua Warden dan Warden	12/2011	90 - 350
IPG Kampus Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan	10	Pengarah, Ketua Warden dan Warden	12/2011	125 - 450
SBP Dato' Abdul Razak, Seremban, Negeri Sembilan	8	Pengetua, Ketua Warden dan Warden	12/2011	125 - 450

Nota: (*) - Pegawai Menjadi Warden Di SMK Ahmad, Pekan, Pahang Tetapi Menduduki KIP Seri Pekan, Pahang Dan Dibayar BPK

c. Beberapa IPG/sekolah telah menganggap sebahagian kuarters sebagai Rumah Khas Jabatan/Jawatan. Bagaimanapun, keluasan kuarters tersebut tidak mengikut keluasan seperti mana yang ditetapkan dan elaun berkaitan telah dipotong daripada penghuni. Memandangkan pegawai berkenaan diwajibkan menduduki rumah khas tersebut, pihak Kementerian perlu menyediakan kuarters yang mempunyai keluasan mengikut kelayakan pegawai tersebut. Sebahagian kuarters yang dianggap rumah khas tidak disediakan mengikut keluasan adalah bagi warden asrama yang biasanya disandang oleh pensyarah/guru gred DG41/DG44 ke atas. Kelayakan dan keluasan binaan kuarters bagi pegawai gred DG41/DG44 ialah Kelas D berkeluasan 200 meter persegi. Kuarters sedia ada bagi warden biasanya ditempatkan di aras bawah blok asrama yang mempunyai anggaran keluasan 130 meter persegi dan tidak selesa bagi pegawai yang berkeluarga. Contoh rumah warden yang disediakan adalah ditunjukkan seperti gambar berikut:

GAMBAR 34.1



GAMBAR 34.2



IPG Kampus Ipoh, Ipoh, Perak
- Kuarters Warden Yang Ditempatkan Di Aras Bawah Bangunan Asrama Dan Plywood Dijadikan Dinding Pemisah Ruang Tamu Dengan Bilik
(24.11.2011)



GAMBAR 34.3

IPG Kampus Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan - Kuarters Warden Tidak Sesuai Mengikut Keluasan Dan Lokasi Serta Di Tingkat Satu Bangunan Asrama (22.12.2011)

d. Kuarters yang dianggap Rumah Khas Jabatan/Jawatan tidak didiami atau penghuninya mendiami sebahagian sahaja ruang di dalam rumah tersebut disebabkan keadaan rumah yang tidak disenggara dan tidak sesuai diduduki namun elaun Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)/Bantuan Sara Hidup (BSH) dipotong. Sebagai contoh bagi rumah Pengarah IPG Kampus Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan beliau tidak tinggal di rumah tersebut kerana bumbung bocor dan serangan anai-anai. Manakala bagi rumah Pengetua SMS Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang beliau hanya mendiami satu bilik sahaja kerana apabila hari hujan, hampir sebahagian besar ruang dalam rumah tersebut dibasahi air. Gambar kuarters berkenaan adalah seperti berikut:



GAMBAR 34.4

IPG Kampus Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan - Rumah Pengarah IPG (22.12.2011)

GAMBAR 34.5



GAMBAR 34.6



IPG Kampus Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan - Kuarters Pengarah Yang Rosak Akibat Serangan Anai-Anai Dan Kebocoran Bumbung (22.12.2011)



GAMBAR 34.7

SMS Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang - Rumah Pengetua (19.01.2012)

GAMBAR 34.8



GAMBAR 34.9



SMS Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang
- Kebocoran Bumbung Dan Resapan Air Di Dinding Kuarters Pengetua
(19.01.2012)

Pada pendapat Audit, garis panduan yang lengkap dan komprehensif perlu disediakan sebagai satu prosedur lengkap dan digunapakai di semua peringkat secara seragam agar pelaksanaannya dapat berjalan dengan lancar dan berkesan. Kementerian juga perlu mengenalpasti dan menyenaraikan Rumah Khas Jabatan/Jawatan bagi memastikan pembayaran BPK yang dilaksanakan adalah bertepatan dengan peraturan yang sedia ada. Bagi bayaran dan potongan yang tidak selaras, pihak Kementerian perlu memungut/membayar balik dari/kepada pegawai berkenaan dan kes ini perlu diselaraskan di setiap kuarters di seluruh negara.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Kementerian sedang mengemaskini senarai Rumah Khas Jabatan/Jawatan bagi memastikan pembayaran Bayaran Perumahan Khas yang dilaksanakan adalah bertepatan dengan peraturan sedia ada dan dalam proses menyelaras semula potongan elaun, caj utiliti dan pendaftaran aset. Selain itu, Buku Panduan Elaun dan Insentif serta Buku Panduan Penyediaan Penyata Perubahan telah diedarkan kepada semua agensinya.

34.5.2.2. Prosedur Pengisian Dan Pengosongan Kuarters

Pegawai yang menduduki kuarters atau diarahkan oleh Ketua Jabatannya perlu melengkapkan borang permohonan kuarters/sijil masuk kuarters dan menandatangani surat perjanjian atau aku janji menduduki kuarters. Selain itu, pihak pengurusan perlu memastikan kunci kuarters diserahkan dalam keadaan sempurna apabila pegawai mengosongkan kuarters dan rekod kawalannya perlu disediakan. Bagi tujuan pengosongan kuarters, pemeriksaan bersama penghuni perlu dilaksanakan bagi memastikan perabot/kelengkapan masih ada dan berkeadaan baik, kuarters dibersihkan dan semua barang penghuni lama dikeluarkan sebelum Surat Akuan Keluar kuarters dikeluarkan. Semakan Audit terhadap prosedur pengisian dan pengosongan kuarters mendapati perkara berikut:

a. Surat perjanjian/aku janji dan borang permohonan menduduki kuarters atau arahan kepada pegawai untuk tinggal di kuarters (Rumah Khas Jabatan/Jawatan) tidak disediakan bagi pegawai yang menduduki kuarters di 29 KIP/KRG/IPG/sekolah yang dilawati sebaliknya kebenaran menduduki kuarters hanya dibuat secara lisan oleh pihak pengurusan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 34.6**. Semakan Audit selanjutnya mendapati hanya IPG Kampus Sarawak, Miri; PPD Miri, Sarawak dan PPD Kinta Utara, Ipoh, Perak telah menubuhkan jawatankuasa untuk memproses setiap permohonan menduduki kuarters di peringkat masing-masing bagi mewujudkan ketelusan dalam proses kelulusan menduduki kuarters.

JADUAL 34.6
PPD/IPG/SEKOLAH YANG TIDAK MENYEDIAKAN SURAT PERJANJIAN/AKU JANJI ATAU BORANG PERMOHONAN MENDUDUKI KUARTERS

NEGERI/ DAERAH	KUARTERS
Perak Larut Matang Dan Selama; Kinta Utara dan Perak Tengah	KIP Kampung Jambu, SK Assam Kumbang, KIP Simpang, Taiping; KRG SMK Gunung Rapat, KRG Seri Iskandar, Bandar Seri Iskandar, KIP SMKA Sultan Azlan Shah, Bota; IPG Kampus Ipoh, Ipoh dan SBPI Gopeng, Gopeng
Sarawak Miri dan Samarahan	KIP Krokop, SK Anchi, SK Pujut Corner, KIP Taman Tunku, Miri; SMK Muara Tuang, Kota Samarahan, SK Sebandi Ulu, Asajaya, SK Tanjong Apong, Asajaya, SK Kampung Baru, Kota Samarahan; IPG Kampus Sarawak, Miri dan SMS Kuching, Kuching
Pahang Kuantan dan Pekan	KIP Pandan 2, SK Lepar, Pekan, SMK Chini Timur, Chini, SS Sultan Haji Ahmad Shah, Pekan dan SMS Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan
Negeri Sembilan Seremban dan Port Dickson	SK LB Johnson, Seremban; KIP Bagan Pinang, SMK Kampung Baru Si Rusa, SK Telok Kemang; IPG Kampus Raja Melewar, Seremban dan SBP Dato' Abdul Razak, Seremban

b. Aspek kawalan keselamatan kuarters tidak diberi perhatian sewajarnya oleh PPD/sekolah yang dilawati antaranya penjagaan kunci kuarters diserah kepada jawatankuasa penghuni dan kelulusan menduduki kuarters dibuat oleh PPD tetapi kunci dikawal oleh pihak sekolah. **Ini telah menyebabkan kuarters mudah dicerobohi dan peralatan/kelengkapan yang ada telah dicuri**. Keadaan ini berlaku di KIP Ulu Kinta, Ipoh; KIP Jelapang Jaya, Ipoh, Perak; KIP Pandan 2, Kuantan dan; SMK Lepar Hilir, Kuantan, Pahang. Contoh gambar kuarters yang telah diceroboh dan dicuri peralatan/kelengkapannya adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 34.10



KIP Ulu Kinta, Ipoh, Perak
- Kuarters Kosong Di Unit A-1-2 Dijadikan Tempat Menyimpan Barangan Peribadi Penghuni Yang Duduk Di Sebelah Unit Ini
(23.11.2011)

GAMBAR 34.11



KIP Pandan 2, Kuantan, Pahang
- Bekalan Air Di Unit C-3-4 Telah Disambung Secara Haram Dan Digunakan Tanpa Kebenaran
(16.01.2012)

GAMBAR 34.12



SMK Lepar Hilir, Kuantan, Pahang
- Bingkai Pintu Aluminium Rumah Teres Telah Dicuri
(19.01.2012)

GAMBAR 34.13



KIP Pandan 2, Kuantan, Pahang
- Sebahagian Daripada Kerusi Yang Telah Dileraikan Oleh Pencuri Bagi Tujuan Mengambil Besi Dan Skru
(16.01.2012)

c. Kawalan terhadap pengosongan kuarters kurang memuaskan di beberapa KIP/IPG/sekolah di mana kuarters tidak dibersih oleh penghuni semasa pindah keluar. Antara kuarters yang terlibat ialah IPG Kampus Sarawak, Miri, Sarawak; SMK Lepar Hilir, Kuantan; KIP Peramu Jaya, Pekan; SMK Chini Timur, Pekan, Pahang; dan SK Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan. Keadaan kuarters selepas penghuni berpindah keluar adalah seperti berikut:

GAMBAR 34.14



KIP Peramu Jaya, Pekan, Pahang
- Kuarters Di Blok E Tidak Dibersihkan Oleh Penghuni Semasa Pindah Keluar
(17.01.2012)

GAMBAR 34.15



SK Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan
- Kuarters Tidak Dibersihkan Oleh Penghuni Semasa Pindah Keluar
(12.01.2012)



GAMBAR 34.16

SMK Lepar Hilir, Kuantan, Pahang
- Kuarters Tidak Dibersihkan Oleh Penghuni Semasa Pindah Keluar
(19.01.2012)

d. Beberapa unit kuarters kosong telah diubah statusnya iaitu sebagai pejabat warden, stor, bilik kelas, tadika, bilik buku teks, asrama dan rumah tamu yang mana bertentangan dengan tujuan asal pembinaannya kecuali mendapat kelulusan pihak berkuasa berkenaan/Kementerian. Pihak Audit juga mendapati tiada dokumen yang menunjukkan penukaran status ini mendapat kebenaran dan kelulusan pihak berkuasa berkenaan/Kementerian. Selain itu, banyak kuarters kosong tidak diurus dengan baik menyebabkan binaan kelengkapan dalaman kuarters seperti pintu, tingkap dan cermin rosak, dicuri serta dibiarkan berselerak dengan sampah sarap dan; barangan peninggalan penghuni. Keadaan ini telah menimbulkan persekitaran yang tidak selesa kepada penghuni lain/sekitar. Butiran lanjut berkenaan kuarters kosong ditukar status dan terbiar adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 34.7
KUARTERS KOSONG DITUKAR STATUS PENGGUNAAN/TERBIAR

KIP/KRG/IPG/SEKOLAH	KUARTERS DITUKAR STATUS PENGGUNAAN/TERBIAR
SBP Dato' Abdul Razak, Seremban, Negeri Sembilan	4 Unit Kuarters Masing-masing 2 Unit Telah Digunakan Sebagai TASKA Anak Kakitangan Dan 2 Unit Sebagai Asrama Pelajar Latihan Sukan
SBPI Kuantan, Kuantan, Pahang	Rumah Warden Dijadikan Pejabat Pengurusan Asrama
IPG Kampus Ipoh, Ipoh, Perak	Satu Blok Rumah Kelas H Telah Digunakan Sebagai Kelas Selepas Diubahsuai Oleh Pihak IPG
SK Bota Kanan, Bota, Perak	Seunit Rumah Dijadikan Sebagai Stor Perabot Sekolah
SMK Muara Tuang, Kota Samarahan, Samarahan, Sarawak	Rumah Pengetua Dijadikan Tempat Menyimpan Buku Teks

KIP/KRG/IPG/SEKOLAH	KUARTERS DITUKAR STATUS PENGGUNAAN/TERBIAR
SBPI Gopeng, Gopeng, Perak	Seunit Kuarters Digunakan Sebagai Rumah Persinggahan/Tamu
SK Kampung Baru, Kota Samarahan, Samarahan, Sarawak	Kuarters Guru Besar Digunakan Sebagai Bilik Buku Teks Dan Seunit Kuarters Digunakan Sebagai Bilik J-Qaf
KIP Bagan Pinang, Port Dickson, Negeri Sembilan	2 Unit Kuarters Dijadikan Asrama Pelajar Latihan Sukan Perahu Layar Dan Seunit Kuarters Dijadikan Rumah Tamu
SMK Tinggi Port Dickson, Port Dickson, Negeri Sembilan	Kuarters Pengetua Telah Ditukar Kepada Bengkel Seni Reka
KIP Peramu Jaya, Pekan, Pahang	Beberapa Unit Rumah Kotor Dan Perlu Penyenggaraan
KIP Taman Tunku, Miri, Sarawak	Sekitar Rumah Dipenuhi Semak Samun
SMK Asajaya, Asajaya, Sarawak	Beberapa Unit Rumah Dipenuhi Dengan Najis Burung Dan Telah Ditumbuhi Pokok
SMK Lepar Hilir, Kuantan, Pahang	Tingkap Kuarters Kosong Terbuka Menyebabkan Dipenuhi Najis Kelawar Dan Rumput Dibiarkan Panjang Tidak Dipotong Di Sekitar Blok Serta Saluran Paip Pecah Di Laluan Jalan Masuk Ke Kuarters
KIP Chini, Chini, Pekan, Pahang	Longgokan Sampah Di Koridor Salah Satu Unit Kuarters Tidak Dibersihkan
KIP Tasek Damai, Ipoh, Perak	Terdapat Sisa Sampah Dan Najis Binatang Di Salah Satu Unit Kuarters
KIP Kampung Jambu, Taiping, Perak	Tingkap Kuarters Kosong Terbuka Menyebabkan Burung Bersarang Dan Dipenuhi Najis Burung
KIP Pandan 2, Kuantan, Pahang	Rumput Panjang Tidak Dipotong Di Sekitar Blok Kuarters

GAMBAR 34.17



SBP Dato' Abdul Razak, Seremban, Negeri Sembilan
- 2 Unit Kuarters Digunakan Sebagai Taska Asuhan Anak Kakitangan
(21.12.2011)

GAMBAR 34.18



SMK Muara Tuang, Kota Samarahan, Samarahan, Sarawak
- Rumah Pengetua Dijadikan Tempat Menyimpan Buku Teks
(07.12.2011)

GAMBAR 34.19



KIP Bagan Pinang, Port Dickson, Negeri Sembilan
- Kuarters Dijadikan Rumah Tamu
(11.01.2012)

GAMBAR 34.20



KIP Taman Tunku, Miri, Sarawak
- Rumput Panjang Di Kuarters Kosong Dan Terbiar
(06.12.2011)

GAMBAR 34.21



SMK Lepar Hilir, Kuantan, Pahang
- Tingkap Di Unit J.K.R. KTN. P.644F Terbuka Menyebabkan Dipenuhi Najis Kelawar
(19.01.2012)

GAMBAR 34.22



SMK Asajaya, Asajaya, Sarawak
- Rumah Dipenuhi Dengan Najis Burung Dan Telah Ditumbuhi Pokok
(08.12.2011)



GAMBAR 34.23

KIP Pandan 2, Kuantan, Pahang
- Rumput Panjang Tidak Dipotong
(16.01.2012)

Pada pendapat Audit, borang permohonan dan perjanjian/aku janji menduduki kuarters perlu disediakan dengan lengkap sebelum pegawai dibenarkan menduduki kuarters. Jawatankuasa memproses permohonan dan pengagihan kuarters perlu diwujudkan bagi menilai urusan permohonan serta kelulusan menduduki kuarters. Selain itu, aspek keselamatan/kawalan kunci kuarters perlu diberi perhatian khususnya terhadap kuarters kosong. Surat Akuan Keluar hanya dikeluarkan setelah penghuni membayar ganti rugi di atas kerosakan (jika berkaitan) dan mengosongkan serta membersihkan kuarters sepenuhnya. Kementerian juga perlu memberi perhatian terhadap penukaran status bangunan/unit kuarters kosong kepada kegunaan lain dengan memastikan mendapat kelulusan pihak berkuasa berkenaan supaya ianya teratur dan boleh dimanfaatkan untuk pelbagai tujuan yang munasabah.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Tatacara dan prosedur pengurusan kuarters telah diedarkan untuk tujuan penyelarasan serta keseragaman. Garis panduan juga telah disediakan untuk kegunaan Jabatan/Bahagian yang berkenaan.

34.5.2.3. Pemotongan Dan Pembayaran Elaun Serta Bil Utiliti

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1996 menetapkan mulai 1 Januari 1995 anggota yang menikmati kemudahan perumahan yang disediakan oleh Kerajaan tidak layak menerima ITP. Bagi menggalakkan anggota yang bertugas atas panggilan (on call) tinggal di kuarters, Kerajaan telah bersetuju untuk memberi BPK sebanyak 50% daripada ITP kepada pegawai yang menduduki Rumah Khas Jabatan dan Rumah Khas Jawatan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2002. Manakala Perintah Am Bab E menetapkan pegawai adalah bertanggungjawab untuk membayar sendiri semua deposit dan bil utiliti seperti perkhidmatan pembersihan, pembetungan, elektrik dan air apabila menduduki kuarters. Semakan Audit terhadap prosedur pemotongan dan pembayaran elaun serta bil utiliti seperti berikut:

a. Pemotongan elaun melibatkan 86 orang penghuni di 9 buah kuarters bagi kawasan/kelas kuarters yang sama tidak mengikut kadar yang seragam. Kadar potongan juga tidak dapat disahkan kerana pihak PPD/sekolah gagal menunjukkan dokumen yang mengkelaskan kuarters berkenaan. Kadar potongan yang dikenakan terhadap penghuni kuarters adalah berdasarkan kepada amalan yang dilakukan oleh pegawai terdahulu. Keseragaman potongan sukar dipantau kerana potongan elaun dibuat oleh pihak PPD/sekolah di mana pegawai tersebut bertugas dan tiada laporan pemotongan dikemukakan kepada pihak yang mengawal kuarters. Butiran potongan elaun penghuni kuarters tidak seragam adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 34.8
PEMOTONGAN ELAUN PENGHUNI KUARTERS TIDAK SERAGAM WALAUPUN KELAS KUARTERS/KAWASAN YANG SAMA

KIP/KRG/SEKOLAH	BIL. PENGHUNI	KELAS KUARTERS	KADAR POTONGAN YANG DIBUAT (RM)
KIP SMKA Sultan Azlan Shah, Bota, Perak (Slip Gaji 12/2011)	16	F	7 - 122.50
KRG Seri Iskandar, Bandar Seri Iskandar, Perak (Slip Gaji 11/2011)	3	F	70 - 75
KIP Taman Tunku, Miri, Sarawak (Slip Gaji 11/2011)	11	F	15 - 85
SMK Asajaya, Asajaya, Sarawak (Slip Gaji 11/2011)	16	F	40 - 180
SMS Kuching, Kuching, Sarawak (Slip Gaji 11/2011)	3	TM	8 - 30
SMK Muara Tuang, Kota Samarahan, Samarahan, Sarawak (Slip Gaji 10/2011)	15	F	20 - 40
SMK Tinggi Port Dickson, Port Dickson, Negeri Sembilan (Slip Gaji 11/2011)	11	F	30 - 75
SK Seremban Jaya, Seremban, Negeri Sembilan (Slip Gaji 12/2011)	6	F	40 - 75
SBP Dato` Abdul Razak Seremban, Negeri Sembilan (Slip Gaji 12/2011)	5	F	15 - 85

Nota: ***TM - Tiada Maklumat***

b. **Di sekolah pedalaman, kuarters secara gotong-royong dibina oleh warga pendidik dan penduduk setempat bagi menyediakan kemudahan perumahan kepada guru.** Terdapat pembinaan kuarters ini menggunakan bahan binaan yang kurang berkualiti, keluasan binaan yang terhad dan kemudahan/kelengkapan asas yang tidak mencukupi. Semakan Audit mendapati 2 orang pegawai yang menduduki kuarters gotong-royong di SK Kampung Baru Samarahan, Samarahan, Sarawak telah dipotong elaunnya manakala 10 pegawai yang menduduki jenis kuarters yang sama di SK Lepar, Pekan, Pahang; IPG Kampus Sarawak, Miri dan; SK Tanjong Apong, Asajaya, Sarawak tidak dipotong elaun. Kementerian perlu menetapkan kriteria yang jelas bagi menentukan sama ada potongan elaun perlu dibuat terhadap pegawai yang menduduki rumah gotong-royong.

c. Terdapat penghuni mendiami kuarters tidak membayar deposit utiliti semasa memasuki kuarters kerana bil utiliti telah sedia didaftar atas nama Pengarah JPN/Pegawai Pendidikan Daerah/Pengarah IPG/Pengetua/Guru Besar. Oleh kerana itu, bil bulanan utiliti akan dikeluarkan atas nama Pengarah JPN/Pegawai Pendidikan Daerah/Pengarah IPG/Pengetua/Guru Besar dan seterusnya sebarang caj/tunggakan penggunaan utiliti akan dibilkan mengikut penama. Contoh senarai penama bil utiliti di jadual berikut:

JADUAL 34.9
CONTOH BIL UTILITI ATAS NAMA PENGARAH JPN/PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH/PENGARAH IPG/PENGETUA/GURU BESAR

NEGERI	AKAUN NO./UTILITI	PENAMA BIL	CATATAN
Negeri Sembilan	0320 00495064 04/Elektrik	Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan	SK Seremban Jaya, Seremban
	0320 00473026 01/Elektrik	Pengetua	SBP Dato` Abdul Razak, Seremban
	0320 00432563 04/Elektrik	Pengetua MPR Melewar	IPG Kampus Raja Melewar, Seremban
	0320 00367749 09/Elektrik		
	0320 00367750 02/Elektrik		
	0320 00482039 02/Elektrik	Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan	SK LB Johnson, Seremban
	0320 00499406 04/Elektrik	Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan	SK Panchor, Seremban
	0320 00499404 08/Elektrik		
	05-2-08664-52-01-00/Air	Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan	SMK Tinggi Port Dickson, Port Dickson
	05-2-00105-28-05-96/Air	Guru Besar	SK Telok Kemang, Port Dickson
Pahang	0422 00998935 10/Elektrik	Pegawai Pendidikan Daerah Pekan	KIP Chini, Chini
	01-226382-43/Air	Pegawai Pendidikan Daerah Kuantan	SMK Lepar Hilir, Kuantan

d. Setiap penghuni kuarters akan dikenakan caj utiliti mengikut kadar penggunaan masing-masing. Adalah didapati pelbagai kaedah bacaan dan kadar caj penggunaan air yang tidak seragam dikenakan kepada penghuni. Antara kaedahnya ialah bacaan meter air individu dilakukan oleh syarikat konsesi bekalan air, kakitangan sekolah yang dilantik dan wakil penghuni. Manakala bagi kadar caj penggunaan air, penghuni dikenakan mengikut kadar syarikat konsesi; kadar tetap yang diputuskan oleh pihak jawatankuasa penghuni/sekolah; bayaran utiliti air atas ihsan penghuni bagi tiap-tiap unit kuarters dan bil air tidak dibayar oleh penghuni sebaliknya dibayar oleh JPN/PPD/IPG/sekolah. Terdapat juga bil air yang dikira/dicaj oleh pihak sekolah berdasarkan meter individu dan dikenakan atas kadar sekolah. Keadaan ini berlaku disebabkan pihak syarikat konsesi air hanya mengambilkira meter pukal yang dikongsi bersama dengan penghuni lain/sekolah. Kaedah bacaan dan caj bil yang tidak seragam ini boleh menimbulkan ketidakpuasan hati penghuni kuarters dan menjejaskan imej pihak Kementerian/JPN/PPD/IPG/sekolah dalam jangka masa panjang. Contoh kaedah pengenaan caj penggunaan air selain daripada bil individu adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 34.10
CONTOH KAEDAH YANG DIKENAKAN TERHADAP CAJ PENGGUNAAN AIR

KIP/KRG/IPG/SEKOLAH	KAEDAH YANG DIKENAKAN			
	PUKAL (KADAR TETAP/ SEKOLAH)	IHSAN PENGHUNI	PERCUMA	BACAAN METER OLEH AJK PENGHUNI/ KAKITANGAN SEKOLAH
SMK Muara Tuang, Samarahan, Sarawak; SK Seremban Jaya, Seremban; Sekolah Dato` Abdul Razak, Seremban; SMK Panchor, Seremban, Negeri Sembilan; SMK Lepar Hilir, Kuantan; KIP Chini, Chini,Pekan, Pahang; KRG Bercham, Ipoh dan; KIP Kampung Jambu,Taiping, Perak	✓			
KIP Semambu, Kuantan, Pahang dan; IPG Kampus Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan			✓	
SBPI Gopeng, Gopeng, Perak		✓		
KIP Jelapang Jaya, Ipoh, Perak				✓

e. Di beberapa buah kuarters KIP/KRG/IPG/sekolah terdapat tunggakan bil utiliti yang belum dijelaskan. Tunggakan ini adalah berpunca sama ada disebabkan ianya tidak dijelaskan oleh penghuni terdahulu atau pun bil utiliti ini didaftarkan atas nama agensi sama ada Pengarah JPN/Pegawai Pendidikan Daerah/Pengarah IPG/Pengetua/Guru Besar. Tunggakan juga disebabkan kuarters telah dikosongkan tetapi syarikat konsesi mengenakan caj minima setiap bulan terhadap meter air/elektrik yang tidak dipotong. Keadaan ini berlaku disebabkan kurang inisiatif pihak pengurusan untuk membuat kutipan dan menyelesaikan masalah tunggakan bil utiliti ini serta seterusnya mendaftarkan bil utiliti atas nama penghuni. Contoh tunggakan bil di beberapa kuarters adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 34.11
CONTOH TUNGGAKAN BIL UTILITI YANG BERLAKU

KIP/SEKOLAH	PENAMA BIL	TUNGGAKAN BIL/BULAN	
		AIR (RM)	ELEKTRIK (RM)
SMK Chini Timur, Pekan, Pahang	Penghuni	64.15 (Oktober 2011)	-
SMK Lepar Hilir, Kuantan, Pahang	Penghuni	48.60 (November 2011)	-
KIP Seri Pekan, Pekan, Pahang	Penghuni	-	393.90 (Jun 2011)
SK Lepar, Kuantan, Pahang	Penghuni	23.70 (Ogos 2011)	-
SBPI Kuantan, Kuantan, Pahang	Penghuni	78.50 (TM)	-
	Penghuni	124.80 (TM)	317.00 (TM)
SK Seremban Jaya, Seremban, Negeri Sembilan	Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan	300.00 (TM)	-
SMK Tinggi Port Dickson, Port Dickson, Negeri Sembilan	Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan	2,512.00 (Mac 2011)	-

Nota: ***TM - Tiada Maklumat***

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu menyeragamkan potongan elaun penghuni dan menetapkan dasar bagi pemotongan elaun rumah gotong-royong. Kementerian perlu mengambil tindakan segera memastikan semua penghuni kuarters dikenakan bayaran bil air mengikut kadar yang sepatutnya dan memasang meter bekalan air secara individu bagi tiap-tiap unit kuarters serta didaftarkan atas nama penghuni. Kementerian perlu memastikan penghuni menjelaskan semua bil utiliti dan mengambil tindakan tatatertib terhadap penghuni yang gagal menjelaskannya.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Pihak Kementerian telah menyelaraskan semula pemotongan elaun tersebut secara berperingkat (bergantung kepada peruntukan) kerana ia melibatkan kos perkhidmatan oleh Syarikat Konsesi Air mengikut negeri masing-masing. Pihak JPN Kedah dan Negeri Sembilan telah mendaftarkan bil utiliti tersebut atas nama penghuni manakala negeri lain sedang melaksanakannya.

34.5.2.4. Penyenggaraan Kuarters

Peraturan menetapkan agensi Kerajaan hendaklah memberi penekanan untuk memantapkan sistem penyenggaraan yang dirancang dengan mewujudkan jadual penyenggaraan bagi semua aset yang memerlukan penyenggaraan. Dua kaedah penyenggaraan ditetapkan iaitu penyenggaraan pembaikan (corrrective maintenance) dan penyenggaraan pencegahan (preventive maintenance) bagi memelihara harta Kerajaan daripada mengalami kerosakan dan memastikan kuarters sentiasa berada dalam keadaan yang baik serta selamat untuk didiami. Bagi memastikan kuarters

disenggara dengan baik, penghuni juga bertanggungjawab menjaga kebersihan di dalam dan di luar kediamannya. Mereka dilarang daripada memelihara binatang ternakan di mana-mana bahagian dalam rumah atau kawasan sekitarnya. Di samping itu, kemudahan awam yang disediakan hendaklah disenggara dengan baik bagi membolehkan penghuni kuarters dan keluarga mereka dapat melaksanakan aktiviti kemasyarakatan serta mengeratkan silaturahim sesama penghuni. Semakan dan lawatan Audit terhadap penyenggaraan kuarters mendapati perkara seperti berikut:

a. Peruntukan untuk kerja-kerja pembaikan dan penyenggaraan kuarters kurang diberi perhatian oleh pihak Kementerian disebabkan peruntukan yang diluluskan lebih tertumpu kepada penyenggaraan bangunan institut/kolej/ sekolah/asrama. Oleh itu, penyenggaraan berjadual secara keseluruhan terhadap kuarters tidak disediakan sama ada di peringkat Kementerian/JPN/PPD/Institusi/sekolah berkenaan tetapi sebaliknya penyenggaraan dilakukan secara *ad hoc* atau setelah mendapat aduan daripada penghuni. Ini menyebabkan kerosakan kuarters semakin serius dan berlanjutan yang memerlukan peruntukan kewangan yang tinggi untuk kerja pembaikan. Kadang kala penyenggaraan secara *ad hoc* tersebut juga tidak dapat dilakukan disebabkan tiada peruntukan. Contoh kuarters yang mengalami kerosakan dan memerlukan penyenggaraan seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 34.12
KEADAAN KUARTERS YANG MEMERLUKAN PENYENGGARAAN

LOKASI	KEADAAN BANGUNAN/PERSEKITARAN
KIP Kampung Jambu, Taiping; KRG Bercham, KIP Tasek Damai, KIP Ulu Kinta, Ipoh, Perak; IPG Kampus Ipoh, Ipoh, Perak; IPG Kampus Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan; SK Dato' Shah Bandar Abu Bakar, Seremban, Negeri Sembilan, KIP Pandan 2, KIP Semambu, Kuantan; KIP Peramu Jaya, KIP Chini, Chini, SK Lepar, Pekan; SBPI Tun Abdul Razak, Pekan, SMS Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang dan SMK Asajaya, Asajaya, Sarawak	Bumbung Kuarters Ditumbuhi Pokok Dan Menyebabkan Bumbung Bocor Serta Mengakibatkan Berlakunya Kerosakan Berlaku Pada Siling; *Parquet* Di Lantai; Perabot dan Binaan Bangunan
KRG Bercham, Ipoh, Perak; SMK Tinggi Port Dickson, Negeri Sembilan; KIP Chini, Chini, KIP Peramu Jaya, Pekan, Pahang dan KIP Jelapang Jaya, Ipoh, Perak	Jubin Rosak Dan Pecah (Meletup) Di Bahagian Ruang Tamu Kuarters.
KIP Ulu Kinta, Ipoh, Perak; SK Anchi, Miri, Sarawak; SMK Seremban Jaya, Negeri Sembilan; IPG Kampus Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan; SBP Dato' Abdul Razak, Seremban, Negeri Sembilan; KIP Peramu Jaya, Pekan, KIP Pandan 2, Kuantan; SBPI Tun Abdul Razak, Pekan; SBPI Kuantan dan SMS Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang	Serangan Serangga Perosak Seperti Anai-Anai Dan Bubuk Telah Merosakkan *Parquet,* Lantai, Dinding, Pintu Serta Perabot Di Kuarters.
KIP Semambu, Kuantan; KIP Chini, Chini, KIP Peramu Jaya, Pekan; SS Sultan Haji Ahmad Shah, Pekan, Pahang dan SBP Dato' Abdul Razak, Seremban, Negeri Sembilan	Tangki Air Bocor Di Tingkat Atas Kuarters Yang Menyebabkan Kerosakan Siling, *Parquet* Lantai Dan Perabot.
KIP Krokop, Miri, Sarawak; SBP Dato' Abdul Razak, Seremban, SMK Tinggi, Port Dickson, Port Dickson, Negeri Sembilan; KIP Chini, Chini, Pekan; KIP Semambu, Kuantan dan SK Lepar, Pekan, Pahang	Saluran Pembetungan Dan Longkang Tersumbat Mengakibatkan Air Melimpah Keluar Serta Berbau Busuk.
KIP Kampung Jambu, Taiping, Perak; SBP Dato' Abdul Razak, Seremban, Negeri Sembilan; SBPI Kuantan, Kuantan dan SMK Lepar Hilir, Kuantan, Pahang	Saluran Air Tersumbat Dan Bocor Di Dalam Kuarters Menyebabkan Air Menitis Dari Siling Dan Saluran Air Di Dalam Rumah.
KRG Seri Iskandar, Bandar Seri Iskandar, Perak	Berlaku Runtuhan Tanah Di Kawasan Kuarters.
SMS Kuching, Kuching; SK Sebandi Ulu, Asajaya; SK Tanjung Apong, Asajaya; SK Kampung Baru, Kota Samarahan, Samarahan; SK Anchi, Miri; IPG Kampus Sarawak, Miri, Sarawak; SK LB Johnson, Seremban, IPG Kampus Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan; SBPI Tun Abdul Razak, Pekan; SK Lepar, Pekan, Pahang dan KRG Seri Iskandar, Bandar Seri Iskandar, Perak	Keadaan Kuarters Usang Yang Perlu Disenggarakan Secara Keseluruhan/Dilupuskan.

GAMBAR 34.24



KIP Tasek Damai, Ipoh, Perak
- Bumbung Tingkat Atas Bocor Mengakibatkan Air Melimpah Di Ruangan Tangga
(23.11.2011)

GAMBAR 34.25



SMK Asajaya, Asajaya, Sarawak
- Bumbung Bocor Dan Air Mengalir Dan Meresap Ke Dalam Rumah Melalui Dinding Apabila Hujan
(08.12.2011)

GAMBAR 34.26



KIP Jelapang Jaya, Ipoh, Perak
- Jubin Lantai Di Unit B-5-4 Telah Pecah Akibat Pemasangan Tidak Berkualiti
(24.11.2011)

GAMBAR 34.27



KIP Ulu Kinta, Ipoh, Perak
- Parquet Kayu Rosak Dimakan Anai-anai
(23.11.2011)

GAMBAR 34.28



SBP Dato' Abdul Razak, Seremban, Negeri Sembilan
- Air Mengalir Melalui Tangga
(21.12.2011)

GAMBAR 34.29



SK Anchi, Miri, Sarawak
- Keadaan Kuarters Yang Usang Perlu Disenggara
(22.11.2011)

GAMBAR 34.30



GAMBAR 34.31



SBP Dato' Abdul Razak, Seremban, Negeri Sembilan
- Tangki Air Bocor Di Unit 4-2 Mengakibatkan Perabot Di Dalam Rumah Rosak Teruk Dan Pokok Tumbuh Dalam Kuarters
(21.12.2011)

GAMBAR 34.32



GAMBAR 34.33



KIP Semambu, Kuantan, Pahang
- Saluran Paip Di Bumbung Blok J Bocor Dan Siling Jatuh Di Ruang Tamu Kuarters
(19.01.2012)

GAMBAR 34.34



KIP Chini, Chini, Pekan, Pahang
- Pembetungan Di Blok H Tersumbat
Sehingga Melimpah Di Tingkat Bawah
(18.01.2012)

GAMBAR 34.35



KIP Krokop, Miri, Sarawak
- Saliran Longkang Di Blok C Tersumbat Menyebabkan
Sisa Air Kotor Melimpah Dan Kotor
(05.12.2011)

GAMBAR 34.36



GAMBAR 34.37




IPG Kampus Sarawak, Miri, Sarawak
- Bahagian Bumbung Pecah Dan Lerai Ke Bawah Serta Tetulang Berkarat
(06.12.2011)

b. Kawasan persekitaran kuarters tidak diurus dengan baik di mana rumput dibiar panjang, tanaman tidak dijaga, longkang tersumbat, sampah sarap dan tin kosong dibiar tanpa dibersihkan. Keadaan ini boleh menjejaskan imej jabatan di samping mengundang kepada penularan wabak malaria dan denggi bawaan nyamuk serta boleh menggalakkan kehadiran binatang liar seperti serangga berbisa, ular, anjing dan lain-lain. Penghuni pula tidak menjaga kuarters dengan baik disebabkan tiada tindakan penguatkuasaan yang berkesan dan berkala bagi memastikan penghuni membersihkan kawasan persekitaran kuarters masing-masing. Selain itu, sikap penghuni yang tidak prihatin terhadap amalan menjaga kebersihan persekitaran dan aset Kerajaan juga menyumbang kepada permasalahan ini. Butiran lanjut kuarters yang tidak dijaga dengan baik dan penghuni memelihara haiwan ternakan adalah seperti di KRG SMK Gunung Rapat, Ipoh; KIP Jelapang Jaya, Ipoh; KRG Seri Iskandar, Bandar Seri Iskandar, Perak; SMK Muara Tuang, Kota Samarahan, Samarahan; KIP Krokop, Miri; SMS Kuching, Kuching; KIP Taman Tunku, Miri; IPG Kampus Sarawak, Miri, Sarawak; SK Telok Kemang, Port Dickson; SK LB Johnson,

Seremban, Negeri Sembilan; SMK Lepar Hilir, Kuantan dan KIP Semambu, Kuantan, Pahang. Contoh kuarters tidak dijaga dengan baik oleh penghuni adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 34.38



KRG SMK Gunung Rapat, Ipoh, Perak
- Penghuni Tidak Menjaga Kebersihan Sekitar Kuarters
(23.11.2011)

GAMBAR 34.39



KIP Jelapang Jaya, Ipoh, Perak
- Terdapat Longgokan Barang Penghuni
Di Ruang Lobi Dan Di Bahagian Luar Rumah
(24.11.2011)

GAMBAR 34.40



KRG Seri Iskandar, Bandar Seri Iskandar, Perak
- Barang-barang Penghuni Ditempatkan
Di Bahagian Luar Rumah
(22.11.2011)

GAMBAR 34.41



SMS Kuching, Kuching, Sarawak
- Penghuni Membiarkan Kereta Usang
Di Sebelah Kuarters
(09.12.2011)

GAMBAR 34.42



KIP Taman Tunku, Miri, Sarawak
- Penghuni Tidak Memotong Rumput
Dan Membersihkan Sekitar Rumah
(06.12.2011)

GAMBAR 34.43



IPG Kampus Sarawak, Miri, Sarawak
- Penghuni Memelihara Ayam
(06.12.2011)



GAMBAR 34.44

SMK Lepar Hilir, Kuantan, Pahang
- Penghuni Memelihara Kambing Di Kawasan Kuarters
(19.01.2012)

c. Beberapa kemudahan awam seperti taman permainan dan surau ada disediakan di sebahagian kuarters yang dilawati khususnya KIP tetapi ianya tidak disenggarakan dengan baik. Keadaan ini boleh mendatangkan kecederaan kepada mereka yang menggunakan kemudahan tersebut khususnya kanak-kanak dan boleh menjejaskan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan semangat kejiranan serta kemasyarakatan di kalangan penghuni. Contoh kemudahan awam yang tidak disediakan/disenggara dengan baik adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 34.45



SMK Muara Tuang, Kota Samarahan, Samarahan, Sarawak
- Laluan Masuk Ke Kuarters Tidak Boleh Dilalui Oleh Kereta
(07.12.2011)

GAMBAR 34.46



SMK Asajaya, Asajaya, Sarawak
- Laluan Masuk Ke Kuarters Tidak Sesuai Dilalui Oleh Kereta
(08.12.2011)

GAMBAR 34.47



KIP Semambu, Kuantan, Pahang
- Buaian Kanak-kanak Rosak
(19.01.2012)

GAMBAR 34.48



KIP Pandan 2, Kuantan, Pahang
- Surau Tidak Digunakan Oleh Penghuni Dan Terbiar
(16.01.2012)

Pada pendapat Audit, penyenggaraan kuarters termasuk kemudahan awam tidak diberi keutamaan disebabkan peruntukan yang terhad. Oleh itu, Kementerian tidak dapat melaksanakan penyenggaraan pembaikan (corrrective maintenance) dan penyenggaraan pencegahan (preventive maintenance). Selain itu, penghuni kuarters bertanggungjawab menjaga kebersihan kediaman dan sekitarnya serta mengaktifkan jawatankuasa penghuni bagi membantu Kerajaan mengurus kemudahan awam di kawasan kuarters. Manakala pihak yang bertanggungjawab perlu memantau bagi memastikan pegawai yang mendiami kuarters patuh kepada peraturan dan mengeluarkan surat amaran kepada penghuni yang melanggar peraturan menduduki kuarters.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Kementerian telah memohon peruntukan bagi tujuan kerja-kerja pembaikan dan penyenggaraan kuarters. Bagi tujuan pembersihan dan keselamatan, Kementerian akan menawarkan kontrak untuk kuarters yang berada di luar kawasan sekolah secara berperingkat.

34.5.2.5. Penyelenggaraan Rekod Kuarters Dan Aset

Pengurusan kuarters yang baik, cekap dan teratur memerlukan kepada penyelenggaraan rekod/dokumen berkaitan dengan lengkap serta kemas kini. Aset dan kelengkapan yang disediakan di kuarters Kerajaan perlu didaftar, disenarai dan disahkan bersama oleh pegawai yang mengawal dengan penghuni semasa mendaftar masuk/keluar kuarters. Semakan Audit terhadap aspek penyelenggaraan rekod kuarters dan aset mendapati perkara seperti berikut:

a. Daftar/rekod penghuni telah diwujudkan di semua PPD/IPG/sekolah yang dilawati. Bagaimanapun rekod tersebut tidak lengkap dan kemas kini serta maklumat penghuni terdahulu juga tidak disediakan. Manakala rekod mengenai sejarah penyenggaraan dan pembaikan kuarters pula tidak diselenggara di lokasi yang dilawati disebabkan PPD/IPG/sekolah yang mengawal kuarters tidak menyedari keperluannya dan tiada garis panduan yang boleh dirujuk bagi tujuan tersebut. Oleh itu, pihak pengurusan yang bertanggungjawab mengurus kuarters sama ada di peringkat PPD/IPG/sekolah perlu mengenal pasti maklumat mengenai kuarters dan penyenggaraan yang pernah dilaksanakan serta sentiasa mengemaskini data berkenaan.

b. Borang aduan bagi melaporkan kerosakan kuarters tidak disediakan di 41 KIP/KRG/IPG/sekolah sebaliknya aduan kerosakan hanya dibuat melalui lisan tanpa borang aduan/rekod rasmi. Bagi PPD/IPG/sekolah yang mewujudkan borang aduan kerosakan didapati ianya tidak mempunyai format yang seragam. Tanpa menyelenggara rekod atau daftar aduan mengenai kuarters adalah sukar bagi pihak pengurusan tersebut untuk menentukan jenis kerosakan, tindakan yang telah diambil, perancangan pembaikan dan penyenggaraan kuarters serta perancangan bajet tahunan.

c. Semua perabot dan perkakasan/kelengkapan tidak didaftarkan di dalam daftar aset. Semakan juga mendapati beberapa perabot yang dibekalkan telah dipindahkan atau dibiarkan di luar kuarters masing-masing kerana penghuni telah memiliki perabotnya sendiri dan ruangan simpanan yang terhad. Aset/kelengkapan di kuarters tidak direkod kerana pihak yang mengawal tidak mempunyai maklumat aset yang ada semasa penyerahan kuarters tersebut oleh pihak Kementerian. Contoh perabot terbiar di luar premis kuarters adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 34.49



SMK Lepar Hilir, Kuantan, Pahang
- Perabot Terbiar Di Laluan Tangga Dan Di Aras Bawah Kuarters
(19.02.2012)

GAMBAR 34.50



SMS Kuching, Kuching, Sarawak
- Sebahagian Daripada Perabot Telah Diletakkan Di Ruang Aras Bawah Kuarters
(09.12.2011)

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod daftar kuarters dan aset adalah kurang memuaskan kerana daftar/rekod kuarters tidak lengkap dan kemas kini serta rekod penyenggaraan dan pembaikan kuarters tidak diselenggara. Manakala semua perabot dan kelengkapannya tidak didaftarkan dalam daftar aset.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Garis Panduan berkenaan penyelenggaraan rekod kuarters dan aset telah disediakan dan diedarkan kepada JPN/PPD serta mengambil tindakan mendaftar aset dan kelengkapan sebelum mengenal pasti aset yang perlu dilupuskan.

34.5.3. Pemantauan

34.5.3.1. Unit Pengurusan Hartanah, Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset (BPPA) telah dipertanggungjawabkan untuk memantau pengurusan kuarters Kementerian. BPPA juga dipertanggungjawabkan untuk mewujudkan dan mengawal pangkalan data berkaitan unit kuarters yang ada serta menyelaras pengisian, penyenggaraan dan mengangkat cadangan ditukar guna bagi kegunaan lain atau disewakan kepada agensi lain mengikut keperluan kuarters di semua peringkat. Di peringkat negeri, pengurusan dan penyenggaraan kuarters Kementerian telah diurus dan diselia oleh JPN/PPD/Institusi/sekolah masing-masing. Pihak JPN/PPD/sekolah juga bertanggungjawab menyimpan dan menyelenggara rekod kewangan dengan tepat dan kemas kini; memohon peruntukan kepada Kementerian dan bagi JPN mengagihkan peruntukan dengan mengeluarkan sub waran peruntukan kepada PPD/sekolah; menguruskan proses memantau dan penyenggaraan kuarters. Selain itu, bagi PPD/Institusi/sekolah mereka juga menguruskan aduan kerosakan dan menyimpan rekod/dokumen penyenggaraan yang dilakukan dengan lengkap dan kemas kini.

34.5.3.2. Semakan Audit mendapati aspek pemantauan terhadap pengurusan dan penyenggaraan kuarters masih belum diberi perhatian sewajarnya di peringkat Kementerian/JPN/PPD/IPG/sekolah. Ini disebabkan pihak Kementerian belum mempunyai data yang lengkap berkenaan bilangan sebenar unit kuarters yang dimilikinya; berlaku penukaran status kuarters tanpa kelulusan Kementerian; banyak kuarters tidak disenggarakan dan disalahgunakan; prosedur pengisian dan pengosongan tidak seragam dan teratur; tindakan tidak diambil terhadap penghuni yang melanggar peraturan mendiami kuarters; jawatankuasa penghuni tidak diwujudkan/tidak aktif dan rekod/daftar penghuni/ kuarters tidak disediakan dengan kemas kini.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Kementerian telah menstruktur semula pengurusan kuarters Kementerian pada bulan November 2011. Pihaknya juga akan bekerjasama dengan JKR memeriksa keadaan kuarters bagi menentukan sama ada kuarters sedia ada selamat atau ekonomik untuk dibaiki bagi tujuan pengeluaran surat pengesyoran roboh/hapus kira.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan dan penyenggaraan kuarters Kementerian masih kurang memuaskan. Pihak Kementerian perlu memperkemas dan mempertingkatkan lagi aspek pemantauan di semua peringkat supaya pengurusan dan penyenggaraan kuarters Kementerian dapat diuruskan dengan lebih cekap dan teratur serta memberi kepuasan kepada penghuni.

34.5.4. Analisis Maklum Balas Penghuni

Sebanyak 190 borang soal selidik telah diedarkan kepada penghuni kuarters semasa lawatan Audit bagi mengukur tahap kepuasan mereka terhadap pengurusan kuarters oleh pihak Kementerian. Kesemua borang soal selidik telah diterima dan analisis terhadap maklum balas dari responden terlibat mendapati:

a. 95.3% responden berpuas hati dengan pengagihan kuarters dalam tempoh yang singkat.

b. 68.9% responden mengadu kerosakan sering berlaku di kuarters disebabkan tiada penyenggaraan berkala.

c. 58% responden berpendapat pihak pengurusan lewat mengambil tindakan terhadap aduan kerosakan melebihi satu bulan dan mendakwa aduan kerosakan tidak diambil tindakan sewajarnya oleh pihak pengurusan menyebabkan penghuni menanggung sendiri kos pembaikan.

d. 33.2% responden mendakwa pemantauan dan pengawasan tidak dilakukan oleh pihak pengurusan ketika kerja-kerja baik pulih dijalankan oleh kontraktor.

e. 32.1% responden menyatakan kuarters yang disediakan kurang sesuai, selamat dan selesa untuk diduduki kerana kuarters yang terlalu uzur dan usang serta sering berlaku kerosakan.

f. 67.8% penghuni memohon kepada pihak pengurusan menyediakan kemudahan asas seperti dewan untuk menjalankan program kemasyarakatan dan riadah; surau bagi kegunaan penghuni; menyediakan pengawal keselamatan terutamanya di luar waktu pejabat dan lokasi yang berisiko tinggi dari berlakunya pencerobohan; taman permainan kanak-kanak, gelanggang futsal dan padang bola sepak; taska bagi memudahkan anggota menghantar anak ketika bertugas dan telefon awam serta tong sampah di persekitaran kuarters.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Keseluruhan kuarters yang siap dibina pada asalnya adalah sempurna dan sesuai untuk diduduki. Disebabkan oleh faktor usia kuarters dan kekangan peruntukan, Kementerian tidak dapat menjalankan penyenggaraan pencegahan/berjadual menyebabkan kuarters tersebut rosak.

Berdasarkan hasil analisis, pihak Audit berpendapat pengagihan unit kuarters adalah baik kerana telah diagihkan kepada pemohon dalam tempoh yang singkat. Bagaimanapun, Kementerian perlu memberi perhatian terhadap isu berkenaan penyenggaraan, pemantauan dan pengawasan, keselamatan serta penyediaan kemudahan awam. Selain itu, pihak Kementerian hendaklah mengambil tindakan terhadap rungutan dan pandangan penghuni.

34.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan segala kelemahan yang berbangkit berkenaan pengurusan kuarters Kementerian supaya dapat dilaksanakan dengan lebih cekap serta Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang dibuat serta warga pendidik mendapat kemudahan dan keselesaan tempat tinggal, adalah disyorkan Kementerian JPN/PPD/IPG/sekolah mengambil tindakan seperti berikut:

34.6.1. Memohon peruntukan penyenggaraan pencegahan (preventive maintenance) dan menyediakan peruntukan khusus untuk kerja pembaikan dan penyenggaraan kuarters termasuk kemudahan awam serta mengadakan pangkalan data kuarters. Bagi tujuan ini, unit dan perjawatan hendaklah diwujudkan di peringkat Kementerian/JPN/PPD khusus bagi tujuan pengawalan, pengawasan, penyenggaraan, pelupusan dan pemantauan terhadap semua kuarters yang dimilikinya. Pegawai yang ditugaskan bagi pengurusan kuarters perlu diberi latihan berkaitan pengurusan kuarters dengan mempelajari sistem atau tatacara pengurusan kuarters daripada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri.

34.6.2. Garis panduan yang komprehensif perlu disediakan supaya pengurusan kuarters lebih cekap, cepat dan berkesan. Selain itu, Kementerian perlu menyenaraikan Rumah Khas Jabatan/Jawatan bagi memastikan pembayaran BPK yang dilaksanakan adalah bertepatan dengan peraturan yang sedia ada. Bagi bayaran dan potongan yang tidak selaras, pihak Kementerian perlu memungut/membayar balik dari/kepada pegawai berkenaan dan kes ini perlu diselaraskan di setiap kuarters di seluruh negara.

34.6.3. Borang permohonan dan perjanjian/aku janji menduduki kuarters perlu disediakan dengan lengkap sebelum pegawai dibenarkan menduduki kuarters. Jawatankuasa memproses permohonan dan pengagihan kuarters perlu diwujudkan bagi menilai urusan permohonan serta kelulusan menduduki kuarters.

34.6.4. Memastikan aspek keselamatan/kawalan kunci kuarters perlu diberi perhatian khususnya terhadap kuarters kosong. Surat Akuan Keluar dikeluarkan setelah penghuni membayar ganti rugi di atas kerosakan (jika berkaitan) dan mengosongkan serta membersihkan kuarters sepenuhnya. Manakala penukaran status bangunan/unit kuarters kosong kepada kegunaan lain perlu mendapat kelulusan pihak berkuasa berkenaan supaya ianya teratur dan boleh dimanfaatkan.

34.6.5. Menyeragamkan potongan elaun penghuni dan menetapkan dasar bagi pemotongan elaun rumah gotong-royong serta mengambil tindakan bagi memastikan semua penghuni kuarters dikenakan bayaran air mengikut kadar yang sepatutnya dan memasang meter bekalan air secara individu serta didaftarkan atas nama penghuni. Kementerian juga perlu memastikan penghuni menjelaskan semua bil utiliti dan mengambil tindakan tatatertib terhadap penghuni yang gagal menjelaskannya.

34.6.6. Memastikan penghuni kuarters menjaga kebersihan kediaman dan sekitarnya serta mengaktifkan jawatankuasa penghuni bagi membantu Kerajaan mengurus kemudahan awam di kawasan kuarters. Manakala pihak yang bertanggungjawab perlu memantau bagi memastikan pegawai yang mendiami kuarters patuh kepada peraturan dan mengeluarkan surat amaran kepada penghuni yang melanggar peraturan menduduki kuarters.

34.6.7. Penyelenggaraan rekod daftar kuarters dan aset perlu disediakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memastikan pengurusan kuarters dan aset lebih teratur.

34.6.8. Memperkemas dan mempertingkatkan aspek pemantauan di semua peringkat supaya pengurusan dan penyenggaraan kuarters Kementerian dapat diuruskan dengan lebih cekap dan teratur serta memberi kepuasan kepada penghuni.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 265-277
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

35. PEROLEHAN PERALATAN MATA PELAJARAN ALIRAN VOKASIONAL (MPAV) DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK/VOKASIONAL

35.1. LATAR BELAKANG

35.1.1. Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) telah memperkenalkan Program Pendidikan Teknikal Dan Vokasional sebagai satu usaha untuk memberi peluang kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan terhadap pendidikan sains dan teknologi memenuhi tenaga kerja dalam bidang perindustrian negara. Sehubungan itu, pada tahun 1999 semua Sekolah Menengah Vokasional telah dinaiktarafkan sebagai Sekolah Menengah Teknik, namun ditukar semula menjadi Sekolah Menengah Vokasional pada tahun 2010 bagi memartabatkan pendidikan vokasional. Sehingga akhir tahun 2010, terdapat 88 buah Sekolah Menengah Teknik/Vokasional di seluruh negara yang terlibat dalam pembelajaran teknikal/vokasional.

35.1.2. Bahagian Pendidikan Teknik Dan Vokasional (BPTV) adalah bertanggungjawab untuk menentukan pelaksanaan dan kemajuan pendidikan teknikal dan vokasional secara berterusan. Untuk merealisasikan Program Pendidikan Teknikal Dan Vokasional, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM76.83 juta di bawah RMKe-9 bagi tujuan perolehan peralatan Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV) di Sekolah Menengah Teknik/Sekolah Menengah Vokasional (SMT/SMV). Daripada jumlah tersebut, peruntukan bagi perolehan sebanyak 1,293 item peralatan berjumlah RM63.02 juta untuk 85 SMT/SMV di seluruh negara telah diuruskan secara bersama oleh Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset (BPPA) dan BPTV melalui tender terbuka yang melibatkan 14 syarikat. Tempoh kontrak bagi membekalkan peralatan tersebut bermula pada 14 September 2009 hingga 13 September 2011. Baki peruntukan perolehan berjumlah RM13.81 juta pula diurus oleh BPTV serta disalurkan kepada 85 SMT/SMV di seluruh negara untuk tujuan perolehan secara sebut harga atau/dan pembelian terus.

35.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada perolehan peralatan mata pelajaran aliran vokasional di SMT/SMV telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

35.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap perolehan peralatan MPAV di SMT/SMV bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan telah dijalankan di peringkat Kementerian serta 20 sekolah terpilih iaitu 4 sekolah di Sabah; 2 sekolah di Perlis; 4 sekolah di Kedah; 5 sekolah di Johor dan 5 sekolah di Pahang.

35.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, dokumen dan rekod serta menganalisis data yang berkaitan dengan perolehan peralatan MPAV di peringkat Kementerian dan di 20 SMT/SMV terpilih. Selain itu, pemeriksaan fizikal, temu bual dengan pegawai berkaitan dan edaran borang soal selidik kepada sekurang-kurangnya seorang guru dan 10 pelajar bagi setiap

kursus yang terlibat dengan perolehan peralatan MPAV di setiap sekolah yang dilawati juga telah dilakukan. Semakan juga dibuat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Institusi Kewangan berhubung dengan pengesahan Bon Pelaksanaan.

35.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati pada umumnya perolehan peralatan MPAV adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

i. terdapat satu syarikat yang masih gagal membekalkan 2 jenis peralatan bernilai RM1.50 juta;
ii. bekalan 139 unit peralatan bernilai RM2.21 juta telah dibekalkan tidak mengikut spesifikasi;
iii. sebanyak 30 unit peralatan bernilai RM337,077 telah dibayar sebelum diuji lari;
iv. tuntutan yang meragukan untuk bekalan peralatan MPAV bernilai RM1 juta kerana terdapat perbezaan maklumat antara Sijil Akuan Penerimaan (SAP) dan Sijil Pengujian dan Pentauliahan (SPP) pada dokumen sokongan baucar bayaran dengan salinan SAP dan SPP yang disimpan di sekolah berkenaan;
v. sebanyak 2,447 unit peralatan bernilai RM7.39 juta masih belum/tidak digunakan sehingga tarikh lawatan Audit;
vi. tiada maklumat menunjukkan bahawa semua pembekal (kecuali dua) telah mengadakan sesi latihan penggunaan peralatan seperti mana yang ditetapkan dalam syarat kontrak;
vii. sebanyak 10 unit peralatan bernilai RM78,609 telah rosak tetapi tidak dibaiki dalam tempoh jaminan/waranti;
viii. peralatan tidak disimpan dengan teratur di 3 SMT/SMV, di mana ia ditempatkan secara terbuka dan boleh diakses dengan mudah; terdedah kepada kotoran/cuaca/kelembapan dan tanpa kawalan keselamatan yang rapi; dan
ix. pemantauan secara fizikal yang dilaksanakan sama ada di peringkat Kementerian atau negeri tidak disokong dengan laporan mengenainya.

Penjelasan lanjut berhubung dengan penemuan Audit dan maklum balas pihak terlibat adalah seperti di perenggan berikut:

35.5.1. Prestasi Projek

35.5.1.1. Prestasi Fizikal

Sebanyak 14 syarikat telah ditawarkan kontrak perolehan secara tender terbuka bagi pembekalan peralatan MPAV di 85 SMT/SMV di seluruh negara. Berdasarkan rekod BPTV, kesemua syarikat kecuali syarikat Tranz-i Technology Sdn. Bhd. telah berjaya membekalkan kesemua peralatan MPAV. Lawatan Audit pada bulan Oktober 2011 mendapati syarikat ini masih belum membekalkan 2 jenis peralatan ke 14 sekolah yang dilawati iaitu 45 unit peralatan *Over Head Camshaft (OHC) Engine* dan 22 buah *Front Wheel Drive Vehicle* untuk kursus automotif yang masing-masingnya bernilai RM0.28 juta dan RM1.22 juta. Berdasarkan syarat kontrak, peralatan tersebut sepatutnya dibekalkan oleh syarikat Tranz-i Technology (M) Sdn. Bhd. selewat-lewatnya pada 13 September 2011. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 35.1
PERALATAN MPAV YANG BELUM DIBEKALKAN

PERALATAN / (SEKOLAH TERLIBAT)	HARGA SEUNIT (RM)	AMAUN (RM)	BIL. (Unit)		BELUM DIBEKAL	
			SEPATUT DIBEKAL	TELAH DIBEKAL	BIL. (Unit)	AMAUN (RM)
Over Head Camshaft (OHC) Engine With System On Stand (Used) (SMV Kangar, SMV Jalan Stadium, SMV Tengku Ampuan Afzan, SMV SHAS, SMV Temerloh, SMV Seri Pelindung, SMV Kluang, SMV Batu Pahat dan SMV Tanjung Puteri)	6,270	438,900	70	25	45	282,150
Front Wheel Drive Vehicle With OHC Engine, EFI System And Incorporated With ABS Braking System (Used)/Proton Perdana V6 (SMV Kangar, SMV Arau, SMV Jalan Stadium, SMV Kulim, SMT Langkawi, SMV Temerloh, SMV Muar, SMV Segamat, SMV Kluang, SMV Batu Pahat dan SMV Tanjung Puteri)	55,290	1,548,120	28	6	22	1,216,380
JUMLAH		**1,987,020**	**98**	**31**	**67**	**1,498,530**

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Sehingga 31 Disember 2011, 9 buah sekolah belum dibekalkan dengan peralatan MPAV Kursus Automotif oleh syarikat Tranz-i Technology (M) Sdn. Bhd. Bagaimanapun, memandangkan tempoh kuat kuasa kontrak Perolehan Peralatan Bagi Kursus Automotif (Semenanjung) telah tamat, pihak Kementerian sedang mengambil tindakan untuk merampas Bon Pelaksanaan dan menyenaraihitamkan pembekal berkenaan dari perolehan kontrak Kerajaan kerana kegagalan melaksanakan tanggungjawabnya. Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran tidak terganggu, BPTV telah menurunkan waran peruntukan kepada pihak sekolah untuk membuat perolehan secara sebut harga bagi peralatan yang belum dibekalkan.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah tegas dalam menguatkuasakan undang-undang dan mengambil tindakan ke atas kontraktor yang melanggar syarat perjanjian kontrak.

35.5.1.2. Prestasi Kewangan

Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM63.53 juta (82.7%) daripada keseluruhan peruntukan yang diluluskan untuk perolehan MPAV berjumlah RM76.83 juta. Bagaimanapun, perbelanjaan tersebut hanya meliputi perbelanjaan bagi 14 kontrak berjumlah RM59.71 juta dan perbelanjaan bagi sebahagian perolehan secara sebut harga/pembelian terus berjumlah RM3.82 juta yang diuruskan oleh BPTV dan 20 sekolah yang dilawati. Ini kerana BPTV tidak dapat mengemukakan jumlah terkini keseluruhan perbelanjaan bagi perolehan secara sebut harga/pembelian terus.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan perolehan peralatan MPAV pada umumnya adalah memuaskan. Bagaimanapun, Kementerian perlu mengemas kini status perbelanjaan keseluruhan khususnya perolehan secara sebut harga/pembelian terus bagi menentukan ketepatan dan status sebenar perbelanjaan.

35.5.1.3. Prestasi *Outcome*

Bagi tujuan membuat analisis terhadap kepuasan pelanggan, pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada seramai 122 guru dan 1,220 pelajar yang terlibat dengan peralatan MPAV. Soal selidik ini meliputi aspek pengurusan perolehan; penerimaan peralatan; kesesuaian peralatan; penyimpanan; penyenggaraan dan penggunaan peralatan MPAV. Sebanyak 135 (110.7%) borang soal selidik kepada guru dan 1,024 (83.9%) borang soal selidik kepada pelajar telah diterima dan ringkasan maklum balas mereka adalah seperti berikut:

a. 80.2% guru berpuas hati terhadap pengurusan perolehan yang dilaksanakan sama ada di peringkat Kementerian dan SMT/SMV iaitu daripada aspek maklumat kontrak dan spesifikasi yang disediakan.

b. 73% guru berpuas hati terhadap proses penerimaan peralatan dari aspek tempoh penghantaran dan uji lari peralatan MPAV.

c. 77.2% guru dan 86.7% pelajar berpuas hati terhadap kesesuaian dan spesifikasi peralatan yang dibekalkan.

d. 86% guru dan 88.1% pelajar berpuas hati terhadap ruang penyimpanan yang mencukupi dan penyenggaraan peralatan.

e. 91.4% guru berpuas hati terhadap kualiti peralatan yang dibekalkan.

f. 94.5% pelajar berpuas hati bahawa peralatan yang dibekalkan boleh digunakan, guru berkemahiran mengendalikannya dan penerangan yang diberikan oleh guru mengenai penggunaan peralatan adalah jelas.

Pada pendapat Audit, secara umumnya guru dan pelajar berpuas hati terhadap pengurusan, penerimaan, kesesuaian, penyimpanan dan penggunaan peralatan MPAV.

35.5.2. Pengurusan Penerimaan/Pembekalan Peralatan

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, aset yang diterima perlu dibuat pemeriksaan dengan teliti bagi memastikan ia menepati spesifikasi yang ditetapkan serta diterima dalam keadaan yang baik, sempurna dan selamat untuk digunakan. Sijil Akuan Penerimaan (SAP) akan dikeluarkan bagi tujuan pengesahan terhadap peralatan yang diterima manakala Sijil Pengujian dan Pentauliahan (SPP) perlu dikeluarkan terhadap peralatan teknikal yang telah diuji lari sebelum pembayaran dibuat kepada pembekal. Semakan Audit terhadap penerimaan/pembekalan peralatan MPAV pada umumnya mendapati ia diurus dengan teratur kecuali perkara berikut:

35.5.2.1. Peralatan Dibekalkan Tidak Mengikut Spesifikasi

Perjanjian telah memperincikan dengan jelas spesifikasi peralatan MPAV yang diperlukan dan sebarang perubahan terhadap spesifikasi peralatan perlu mendapat kelulusan dari Kementerian. Semakan Audit mendapati sungguhpun pembayaran telah dibuat bagi 139 unit peralatan MPAV bernilai RM2.21 juta yang dibekalkan, namun peralatan yang dibekalkan adalah tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan seperti tidak mengikut ukuran dan timbangan; kelajuan dan keupayaan; jenama; ciri-ciri sebagaimana sampel gambar; jenis serta material sebagaimana yang dinyatakan dalam kontrak. Butirannya adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 35.2
PERALATAN YANG DIBEKALKAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI


KURSUS/ PERALATAN	HARGA SEUNIT (RM)	BIL. (Unit)					NILAI (RM)	SPESIFIKASI	
		SABAH (4 SEK.)	PERLIS (2 SEK.)	KEDAH (4 SEK.)	PAHANG (5 SEK.)	JOHOR (5 SEK.)		DITETAPKAN	DIBEKALKAN
Amalan Bengkel Mesin									
CNC Milling Trainer How Mou/Model HMS-135C/ Taiwan Swan/ SVP 203 China	52,088	2	2	4	4	5	885,496	*- 1,100 x 800 x 1,940mm - Drilling Cap. 25mm - Spindle Speed 100 - 5,000rpm*	*- 800 x 702 x 852mm - Drilling Cap. 16mm - Spindle Speed 100 - 3,600rpm*
CNC Lathe Trainer HML-135C/How Mou/Taiwan	35,186	2	2	4	4	5	598,162	*- Swing Over Bed 250mm - Speed Of Feeding (Z) 2,000mm/min*	*- Swing Over Bed 180mm - Speed Of Feeding (Z) 1,000mm/min*
Binaan Bangunan									
Hydraulic Pipe Bending Machine/ Taiwan/Nichi/ SWG3	3,270	3	2	2	4	5	52,320	Taiwan/Nichi/ SWG3	Sunjac
Applied Science									
Drying Oven/India, Arco/2052280/2	638	-	2	4	4	5	9,570	Berbeza dengan gambar dalam kontrak.	
Incubating Oven/ India, Arco/ 2052160/3	956	-	2	4	4	5	14,340	Berbeza dengan gambar dalam kontrak.	
Automotif									
Over Head Camshaft (OHC) Engine With System On Stand (Used)/Malaysia/ ES-250HC	6,270	-	5	10	-	10	156,750	- Usia enjin berkenaan tidak melebihi 5 tahun.	- Tidak dapat disahkan kerana tiada surat pengesahan daripada pembekal enjin.
Oscilloscope - 20MHz Carman Scan VG Plus	28,500	-	2	3	4	5	399,000	*Laptop* tidak menggunakan perisian yang original.	
Steering Rack & Pinion (Used)/ Malaysia/Unitech BS-PBS-0	5,602	6	-	-	-	-	33,612	Berbeza dengan gambar dalam kontrak.	
Pelancongan									
Portable Backdrop Set / China	6,200	3	-	1	-	-	24,800	Mudah pasang, ringan & senang simpan.	Berat
Portable Stage Set/Malaysia	3,800	6	-	2	-	-	30,400	*- (L) 2m x (W) 3.00m x (H) 0.61m x 4 pcs - 1 unit Ladder 4 step*	*- (L) 1.83m x (W) 1.22m x (H) 0.61m x 4 pcs - 1 unit Ladder 3 step*
Television Set/ Sony 34" CTV/ MAL	2,800	-	-	2	-	-	5,600	Sony 34" CTV/MAL	Panasonic TH-L32C20K
JUMLAH		**22**	**17**	**36**	**24**	**40**	**2,210,050**		

GAMBAR 35.1



SMV Jalan Stadium, Alor Setar, Kedah
- CNC Milling Trainer Bernilai RM52,088 Seunit Yang Tidak Mengikut Spesifikasi
(17.08.2011)

GAMBAR 35.2



SMT Langkawi, Langkawi, Kedah
- CNC Lathe Trainer Bernilai RM35,186 Seunit Yang Tidak Mengikut Spesifikasi
(17.08.2011)



GAMBAR 35.3

SMV Jalan Stadium, Alor Setar, Kedah
- Over Head Camshaft (OHC) Engine With System On Stand (Used) Malaysia/ES-250HC Bernilai RM6,270 Seunit Yang Tidak Mengikut Spesifikasi (17.08.2011)

GAMBAR 35.4




SMV Jalan Stadium, Alor Setar, Kedah
- Oscilloscope (20MHz Carman Scan VG Plus) Bernilai RM28,500 Seunit
Yang Tidak Mengikut Spesifikasi
(17.08.2011)

GAMBAR 35.5




SMV Beaufort, Beaufort, Sabah
- Steering Rack & Pinion (Used) Malaysia/Unitech Bernilai RM5,602 Seunit
Yang Tidak Mengikut Spesifikasi
(26.07.2011)

GAMBAR 35.6



SMT Langkawi, Langkawi, Kedah
- Portable Stage Set 2.00m x 3.00m x 4 pcs (Yang Dibekalkan = 1.22m x 1.83m x 4 pcs)/ Malaysia
Bernilai RM3,800 Seunit Yang Tidak Mengikut Spesifikasi
(14.08.2011)

GAMBAR 35.7



GAMBAR 35.8



SMT Langkawi, Langkawi, Kedah
- Television Set/Sony 34" CTV/MAL Bernilai RM2,800 Seunit Yang Sepatut Dibekalkan, Namun Yang Sebenar Dibekalkan Ialah Jenama Panasonic LCD TV 32"/TH-L32C20K/Malaysia
(14.08.2011)

Maklum balas Kementerian Pelajaran Malaysia yang diterima pada 12 Jun 2012

Kementerian telah mengeluarkan surat siaran kepada semua sekolah yang terlibat pada 4 Mei 2012 supaya memulangkan semula peralatan yang tidak mengikut spesifikasi dan menggantikannya mengikut spesifikasi seperti yang ditetapkan dalam syarat kontrak.

Pada pendapat Audit, pihak SMT/SMV perlu dimaklumkan dan dibekalkan dengan salinan spesifikasi kontrak bagi tujuan rujukan semasa penerimaan peralatan MPAV. Sekiranya peralatan yang dibekalkan adalah tidak mengikut spesifikasi, ia harus ditolak kecuali mendapat kelulusan penukaran spesifikasi daripada Kementerian terlebih dahulu.

35.5.2.2. Peralatan Belum Diuji Lari (Test Run) Tetapi Telah Dibayar

Bayaran bagi perolehan peralatan MPAV hanya boleh dilakukan setelah peralatan diperakui telah diterima dengan sempurna. Lawatan Audit ke 20 SMT/SMV pada bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati 30 unit peralatan MPAV yang meliputi 11 item bernilai RM337,077 di 4 sekolah masih belum diuji lari oleh pembekal sungguhpun bayaran pembekalannya telah dijelaskan sepenuhnya. Butirannya adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 35.3
PERALATAN MPAV YANG BELUM DIUJI LARI TELAH DIBAYAR

KURSUS/PERALATAN	UNIT BEKAL/ HARGA SEUNIT (RM)	BIL. (Unit)				NILAI (RM)	TARIKH SAP/SPP PADA BAUCAR BAYARAN
		SABAH (SMV/SMT)	PERLIS (SMV/SMT)	KEDAH (SMV/SMT)	PAHANG (SMV/SMT)		
		BEAUFORT	ARAU	LANGKAWI	PERTANIAN CHENOR		
Binaan Bangunan							
Mini Concrete Mixer - Petrol Powered/Malaysia/Hisaki YMM350/ LF 168F	1,356	-	2	-	-	2,712	SAP 13.04.2010 SPP 14.04.2010
Penyejukan Dan Penyaman Udara							
Recovery And Recycling Machine/China/USA, LH REF-TECH, 33D1	14,888	11	-	-	-	163,768	SAP/SPP 11.02.2010 - 07.10.2010
Pemprosesan Pertanian, Pengeluaran Tanaman Hortikultur Hiasan							
Ice Cream Maker Spain/Staff Ice/BTM 10-A	11,327	-	-	2	-	22,654	SAP/SPP 26.05.2010
Laminar Flow Chamber/ Singapore/Gelman/ Cfs72/30	18,597	-	-	1	1	37,194	SAP/SPP 25.05.2010
Deboner China/CW300	8,920	-	-	1	-	8,920	SAP/SPP 26.05.2010
Baking Oven c/w Dough Proofer	6,814	-	-	5	-	34,070	SAP/SPP 26.05.2010
Drying Oven German/Constance/ FC-9023A	8,611	-	-	2	-	17,222	SAP/SPP 26.05.2010
Deep Fat Fryer Malaysia/Berjaya/ FSGDF23-2B	3,147	-	-	1	-	3,147	SAP/SPP 26.05.2010
Brine Pump Set China/BZSQ-11	6,195	-	-	2	-	12,390	SAP/SPP 18.05.2010
Kejenteraan Pertanian Dan Pengeluaran Ternakan							
Hot Air Sterilizer India Custom-made	15,000	-	-	1	-	15,000	SAP/SPP 22.06.2010 - 01.08.2010
Automatic Egg Grader / China	20,000	-	-	1	-	20,000	SAP/SPP 22.06.2010 - 01.08.2010
JUMLAH		**11**	**2**	**16**	**1**	**337,077**	

GAMBAR 35.9



SMT Pertanian Chenor, Maran, Pahang
- Laminar Flow Chamber Bernilai
RM18,597 Seunit Yang Belum Diuji Lari
(13.10.2011)

GAMBAR 35.10



SMV Beaufort, Beaufort, Sabah
- Recovery And Recycling Machine Bernilai
RM14,888 Seunit Yang Belum Diuji Lari
(26.07.2011)

GAMBAR 35.11



SMT Langkawi, Langkawi, Kedah
- Ice Cream Maker Bernilai RM11,327 Seunit
Yang Belum Diuji Lari
(14.08.2011)

GAMBAR 35.12



SMT Langkawi, Langkawi, Kedah
- Brine Pump Set Bernilai RM6,195 Seunit
Yang Belum Diuji Lari
(14.08.2011)

Pada pendapat Audit, tuntutan bayaran oleh pembekal tanpa melakukan uji lari terhadap peralatan MPAV adalah tidak teratur. Kementerian hendaklah menyiasat kes tuntutan bayaran bagi peralatan ini dan juga mengenal pasti kes seumpama ini di semua SMT/SMV. Pihak pengurusan sekolah juga hendaklah memastikan SPP tidak ditandatangani selagi uji lari tidak dilakukan dan pembekal yang tidak mematuhi syarat kontrak perlu disenaraihitamkan.

35.5.2.3. Tuntutan Pembayaran Oleh Pembekal Meragukan

a. Mengikut Arahan Perbendaharaan 103, semua bil dan tuntutan hendaklah dibayar tidak lewat dari 14 hari dari tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna. **Semakan Audit terhadap 2 baucar bayaran (bernombor H2118 dan H2272) bagi tuntutan perolehan peralatan MPAV bernilai RM1 juta di 17 daripada 20 sekolah yang dilawati mendapati tuntutan tersebut adalah meragukan. Ini kerana terdapat perbezaan maklumat antara SAP dan SPP pada dokumen sokongan baucar bayaran tersebut dengan salinan SAP dan SPP yang disimpan di sekolah berkenaan**. Antara perbezaan tersebut adalah berkenaan dengan tarikh terima; tarikh uji lari; nama/tandatangan pegawai penyemak dan pengesah; cop pegawai dan cop sekolah. Butiran perbezaan tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 35.4
PERBEZAAN BUTIRAN MAKLUMAT SAP DAN SPP DI BAUCAR BAYARAN KEMENTERIAN BERBANDING DENGAN SALINAN SAP DAN SPP PIHAK SEKOLAH YANG DILAWATI

NAMA SEKOLAH	NO. BAUCAR/ TARIKH/ AMAUN (RM)	ITEM YANG DIHANTAR		PERBEZAAN MAKLUMAT PADA	
		BIL.	AMAUN (RM)	SAP	SPP
SMT Likas, Likas, Sabah	H2272 25.12.2010 1,049,635	19	43,351	×	×
		29	51,074	×	
SMT Keningau, Keningau, Sabah		19	43,351	TM	×
		29	51,074	×	
SMV Tanjung Puteri, Johor Bahru, Johor		29	51,074	×	×
SMV Temerloh, Temerloh, Pahang		29	51,074	TDS	✓
SMV Seri Pelindung, Kuantan, Pahang		29	51,074	TM	TM
SMV Kudat, Kudat, Sabah	H2118 11.12.2010 1,689,508	19	43,351	TM	TM
		29	51,074		
SMV Arau, Arau, Perlis		29	51,074	×	×
SMV Kangar, Kangar, Perlis		29	51,074	×	×
SMT Langkawi, Langkawi, Kedah		29	51,074	×	×
SMV Jalan Stadium, Alor Setar, Kedah		29	51,074	×	×
SMV Kulim, Kulim, Kedah		29	51,074	×	×
SMV Muar, Muar, Johor		29	51,074	×	×
SMV Segamat, Segamat, Johor		29	51,074	×	×
SMV Batu Pahat, Batu Pahat, Johor		29	51,074	×	×
SMV Kluang, Kluang, Johor		29	51,074	×	×
SMV Tengku Ampuan Afzan, Bentong, Pahang		29	51,074	×	×
SMV Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah, Kuala Lipis		29	51,074	×	×
JUMLAH TUNTUTAN		**550**	**998,311**		

Nota: ***× - Terdapat Perbezaan Maklumat SAP/SPP***
✓ - Tiada Perbezaan Maklumat SAP/SPP
TM - Tiada Maklumat Daripada Pihak Sekolah
TDS - Borang SAP/SPP Di Sekolah Tidak Diakui/Disahkan

b. Semakan selanjutnya terhadap 2 baucar bayaran yang sama di atas dengan salinan SAP dan SPP yang disimpan oleh sekolah lain yang tidak dilawati mendapati berlaku juga kes perbezaan maklumat bagi tuntutan perolehan peralatan MPAV berjumlah RM1.78 juta oleh syarikat tersebut di 29 sekolah yang lain. Butiran perbezaan tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 35.5
PERBEZAAN BUTIRAN MAKLUMAT SAP DAN SPP DI BAUCAR BAYARAN KEMENTERIAN BERBANDING DENGAN SALINAN SAP DAN SPP PIHAK SEKOLAH YANG LAIN

NAMA SEKOLAH	NO. BAUCAR/ TARIKH/ AMAUN (RM)	ITEM YANG DIHANTAR		PERBEZAAN MAKLUMAT PADA	
		BIL.	AMAUN (RM)	SAP	SPP
SMV Nibong Tebal, Nibong Tebal, Pulau Pinang	H2118 11.12.2010 1,689,508	48	94,425	×	×
SMV Butterworth, Butterworth, Pulau Pinang		29	51,074	×	×
SMV Seri Iskandar, Seri Iskandar, Perak		29	51,074	×	×
SMV Taiping, Taiping, Perak		29	51,074	×	×
SMV Leboh Cator, Ipoh, Perak		29	51,074	×	×
SMV Kuala Kangsar, Kuala Kangsar, Perak		29	51,074	×	TM
SMV Kota Tinggi, Kota Tinggi, Johor		29	51,074	TDS	TDS
SMV Sungai Buloh, Sungai Buloh, Selangor		29	51,074	TM	TM
SMV Klang, Klang, Selangor		29	51,074	×	✓
SMV Setapak, Kuala Lumpur		29	51,074	×	×
SMV Melaka Tengah, Melaka		29	51,074	×	×
SMV Datuk Seri Mohd Zin, Alor Gajah, Melaka		48	94,425	×	×
SMV Juasseh, Juasseh, Negeri Sembilan		29	51,074	TDS	TDS
SMV Port Dickson, Port Dickson, Negeri Sembilan		29	51,074	×	✓

NAMA SEKOLAH	NO. BAUCAR/ TARIKH/ AMAUN (RM)	ITEM YANG DIHANTAR		PERBEZAAN MAKLUMAT PADA	
		BIL.	AMAUN (RM)	SAP	SPP
SMV Ampangan, Seremban, Negeri Sembilan		29	51,074	×	×
SMV Tawau, Tawau, Sabah		48	94,425	×	TM
SMV Labuan, W.P. Labuan		48	94,425	TM	TM
SMV Matang, Kuching, Sarawak		48	93,755	×	×
SMV Slim River, Slim River, Perak	H2272 25.12.2010 1,049,635	29	51,074	×	×
SMV Muadzam Shah, Muadzam Shah, Pahang		29	51,074	×	×
SMV Sultan Ahmad Shah, Kuala Rompin, Rompin		29	51,074	TM	TM
SMV Tanah Merah, Tanah Merah, Kelantan		29	51,074	×	×
SMV Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan		29	51,074	TDS	TDS
SMV Kuala Krai, Kuala Krai, Kelantan		29	51,074	×	×
SMV Kemaman, Kemaman, Terengganu		29	51,074	TDS	TDS
SMV Besut, Besut, Terengganu		29	51,074	×	TDS
SMV Wakaf Tembusu, Kuala Terengganu, Terengganu		29	51,074	TM	TM
SMV Betong, Betong, Sarawak		48	93,350	TDS	×
SMV Bintulu, Bintulu, Sarawak		48	93,350	×	×
JUMLAH TUNTUTAN		**974**	**1,781,783**		

Nota: ***× - Terdapat Perbezaan Maklumat SAP/SPP***
✓ - Tiada Perbezaan Maklumat SAP/SPP
TM - Tiada Maklumat Daripada Pihak Sekolah
TDS - Borang SAP/SPP Di Sekolah Tidak Diakui/Disahkan

c. Hasil daripada makluman segera dari pihak Audit, pihak Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan untuk menjalankan siasatan lanjut terhadap perolehan peralatan MPAV yang dibekalkan oleh syarikat tersebut di BPTV dan 2 buah sekolah iaitu SMT Keningau, Keningau, Sabah dan SMV Kluang, Kluang, Johor. Hasil siasatan jawatankuasa tersebut mendapati perkara berikut:

i. Terdapat perbezaan yang ketara pada salinan SAP dan SPP yang dikemukakan oleh pembekal kepada BPTV dengan salinan dalam simpanan pihak sekolah.

ii. Pembekal telah meminda tarikh pada SAP dan SPP bagi mengelak daripada dikenakan denda terhadap kelewatan membekalkan peralatan.

iii. Bayaran sepenuhnya telah dibuat kepada pembekal pada 25 Disember 2010 sedangkan bekalan hanya diterima sepenuhnya oleh pihak sekolah pada 28 Februari 2011 dan 29 April 2011. Ini merupakan *improper payment* di mana bayaran telah dibuat bagi peralatan yang belum diterima sepenuhnya.

iv. Kementerian telah bersetuju dengan cadangan Jawatankuasa Siasatan supaya laporan polis dibuat oleh SMT/SMV yang terlibat terhadap syarikat tersebut. Pemilik dan syarikat tersebut hendaklah disenaraihitamkan daripada berurusan dengan perolehan Kerajaan. Selain itu, 3 orang pegawai dari BPTV dikenakan tindakan Amaran Secara Pentadbiran kerana cuai menjalankan pemantauan dan menyebabkan kerugian di pihak Kerajaan.

d. Semak uji secara rawak terhadap 40 SAP di 20 sekolah yang dilawati mendapati ruangan tarikh dan tandatangan pada salinan SAP yang disimpan oleh sekolah berkenaan tidak dilengkapkan oleh pegawai penerima (Ketua Bengkel/Guru Bengkel) dan pegawai pengesah (Pengetua/Penolong Kanan). Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 35.6
SIJIL AKUAN PENERIMAAN TIDAK LENGKAP

SEKOLAH	NO. BAUCAR/ TARIKH/ AMAUN (RM)	PERALATAN	NAMA PEMBEKAL	BUTIRAN SAP YANG TIDAK DILENGKAPKAN			
				TARIKH		TANDATANGAN	
				PEGAWAI PENERIMA/ PENYEMAK	PEGAWAI PENGESAH	PEGAWAI PENERIMA/ PENYEMAK	PEGAWAI PENGESAH
SMV Temerloh, Temerloh, Pahang	B0038 05.01.2011 433,799	*Incubating Oven India, ARCO/2052160/3*	Vital Series Sdn. Bhd.	13.12.2010	×	✓	✓
	B0063 06.11.2011 5,076,990	*Oscilloscope - 20 MHz Carman Scan VG PLUS*	Tranz-i Technology Sdn. Bhd.	11.10.2010	×	✓	✓
SMV Sultan Ahmad Shah Al-Mustain Billah, Kuala Lipis, Pahang	B0012 01.06.2011 206,976	*Multi-Split Unit A/C 2.5HP C9JKZWx2, CU-2C18JKH/Panasonic/ Malaysia*	Troyfield Sdn. Bhd.	×	×	✓	✓
	H1671 01.11.2010 690,606	*PLC Training Unit Malaysia/CTC/CTC-PLC-CPM2A-30CDR-A*	Sinaravia Sdn. Bhd.	13.08.2010	×	✓	✓
SMV Seri Pelindung, Kuantan, Pahang	B0063 06.11.2011 5,076,990	*Multi User Tester (M.U.T EFI Tester Launch/X431/China*	Tranz-i Technology Sdn. Bhd.	×	×	✓	✓
	H1543 18.10.2010 3,403,162	*TIG Welding Machine WSM315M, Kumai, Malaysia*	Syarikat Maslina Sdn. Bhd.	×	×	✓	✓
SMT Pertanian Chenor, Maran Pahang	H1620 25.10.2010 2,982,474	*Moulds (Bean Curd) Malaysia/YSM BCB01*	Kristal Kukuh Sdn. Bhd.	01.07.2010	×	✓	✓
	H2262 24.12.2010 5,101,645	*Egg Grader (Manual) Australia/Egg Grader (Manual)*	MZS Power Equipment (M) Sdn. Bhd.	12.10.2010	×	✓	✓
SMV Tengku Ampuan Afzan, Bentong, Pahang	B0012 01.06.2011 206,976	*Multi-Split Unit A/C 2.5HP C9JKZWx2, CU-2C18JKH/Panasonic/ Malaysia*	Troyfield Sdn. Bhd	×	×	✓	✓
	B0063 06.11.2011 5,076,990	*Multi User Tester (M.U.T EFI Tester Launch/X431/China*	Tranz-i Technology Sdn. Bhd.	13.05.2010	×	✓	✓
SMT Keningau, Keningau, Sabah	B0219 24.08.2010 167,616	*M.U.T II EFI Tester China/Launch/X43`1TOP*	Maicons Technology Sdn. Bhd.	11.05.2010	×	✓	✓
SMV Kudat, Kudat, Sabah	H0468 05.05.2010 50,266	*Recovery And Recycling Machine China/USA, LH REF-TECH, 33D1*	Lan Hoe Enterprise (1979) Sdn. Bhd.	11.02.2010	×	✓	✓
	H2273 25.12.2010 1,874,540	*Oscilloscope Indonesia/Pudak Scientific*	Helcom Engineering Corporation Sdn. Bhd.	30.09.2010	×	✓	✓
SMT Likas, Kota Kinabalu, Sabah	B0006 23.05.2011 41,331,271	*Petrol Fuel Injection Training Unit (EFI Trainer) Malaysia/Unitech FS-MON-1*	Maicons Technology Sdn. Bhd.	×	×	✓	✓
	H1196 03.09.2010 50,266	*Charging Cylinder - R12, R22, R502 Switzerland, Refco, 10445-H-R134a*	Lan Hoe Enterprise (1979) Sdn. Bhd.	09.02.2010	×	✓	✓
SMV Kluang, Kluang, Johor	B0964 14.11.2011 829,920	*Anti-Lock Braking System Trainer (ABS) Malaysia/Endusa-ABS-300T*	Tranz-i Technology Sdn Bhd.	30.11.2011	×	✓	×
SMV Muar, Muar, Johor	H1160 24.08.2010 333,696	*Freezer SCG-375/SAKATO/ Malaysia*	Troyfield Sdn. Bhd.	×	×	×	×
SMV Arau, Arau, Perlis	B0063 06.11.2011 5,076,990	*Petrol Fuel Injection Training Unit(EFI Trainer) Malaysia/Endusa-PI-63TJ*	Tranz-i Technology Sdn. Bhd.	×	×	✓	✓
	B0012 01.06.2011 206,976	*Multi-Split Unit A/C 2.5HP C9JKZWx2, CU-2C18JKH/Panasonic/ Malaysia*	Troyfield Sdn. Bhd.	×	×	✓	✓
SMV Kangar, Kangar, Perlis	B0964 14.11.2011 829,920	*Anti-Lock Braking System Trainer (ABS) Malaysia/Endusa-ABS-300T*	Tranz-i Technology Sdn. Bhd.	29.07.2010	×	✓	✓

Nota : ***× - Butiran Dalam SAP Tidak Dilengkapkan***
✓ - Butiran Dalam SAP Dilengkapkan

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Pembayaran telah dilakukan berdasarkan dokumen sokongan yang lengkap dan disahkan oleh pihak sekolah. Dalam kes ini, pihak Kementerian berpandangan pembekal berkenaan telah memperdayakan pihak Kerajaan dengan membuat tuntutan palsu bagi mengelak dikenakan amaun denda yang tinggi kerana lewat menyempurnakan penghantaran dan membuat pengujian terhadap peralatan yang dibekalkan. Pihak Kementerian telah membuat laporan kepada pihak polis dan telah menuntut nilai bayaran denda yang sepatutnya dikenakan. Pihak Kementerian juga akan menahan Bon Pelaksanaan selagi pihak pembekal masih gagal menyelesaikan LAD berkenaan dan menyenaraihitamkan syarikat serta pemiliknya daripada sebarang Kontrak Kerajaan.

Pada pendapat Audit, tuntutan bayaran oleh syarikat berkenaan adalah tidak teratur. Tindakan Kementerian menyiasat tuntutan oleh syarikat ini di 2 sekolah adalah baik. Bagaimanapun, siasatan hendaklah diperluaskan ke semua sekolah dan melaporkan kepada pihak berkuasa berkenaan. Kementerian juga hendaklah mengenakan tindakan tegas terhadap pembekal yang mengingkari syarat kontrak.

35.5.3. Penggunaan Peralatan

35.5.3.1. Peralatan Belum/Tidak Digunakan

Setiap peralatan MPAV yang diterima perlu digunakan secara optimum bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. **Semakan Audit mendapati sebanyak 2,447 unit peralatan MPAV bernilai RM7.39 juta melalui perolehan secara tender yang telah dibekalkan ke SMT/SMV oleh BPTV masih belum/tidak digunakan sehingga tarikh lawatan Audit**. Antara peralatan yang belum digunakan adalah seperti *Water Cooler*; *Recovery & Recycling Machine; Vacuum Pump* dan *Split Air Conditioner* manakala peralatan yang tidak digunakan adalah seperti *Precision Seeder Unit; Rice Transplanter* dan *Egg Incubator.* Peralatan ini belum/tidak digunakan disebabkan beberapa faktor seperti peralatan dibekalkan melebihi keperluan, kursus belum dimulakan, peralatan kurang sesuai dengan keperluan kursus dan peralatan belum diuji lari. Butirannya adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 35.7
PERALATAN MPAV BELUM/TIDAK DIGUNAKAN

NEGERI/SEKOLAH	PERALATAN BELUM/ TIDAK DIGUNAKAN		TEMPOH PERALATAN YANG BELUM/TIDAK DIGUNAKAN (Hari)
	BIL. (Unit)	AMAUN (RM)	
SABAH			
SMV Beaufort, Beaufort	960	2,738,828	292 Hingga 645
SMT Likas, Likas	60	97,767	294 Hingga 428
SMT Keningau, Keningau	54	67,480	297 Hingga 429
SMV Kudat, Kudat	82	226,267	392 Hingga 395
Jumlah	**1,156**	**3,130,342**	
PERLIS			
SMV Kangar, Kangar	77	222,606	260 Hingga 484
SMV Arau, Arau	71	115,574	468 Hingga 473
Jumlah	**148**	**338,180**	
KEDAH			
SMV Jalan Stadium, Alor Setar	73	291,865	468 Hingga 488
SMV Kulim, Kulim	71	163,051	421 Hingga 474
SMV Sungai Petani 1, Sungai Petani	50	34,259	456

NEGERI/SEKOLAH	PERALATAN BELUM/ TIDAK DIGUNAKAN		TEMPOH PERALATAN YANG BELUM/TIDAK DIGUNAKAN (Hari)
	BIL. (Unit)	AMAUN (RM)	
SMT Langkawi, Langkawi	234	1,050,003	352 Hingga 471
Jumlah	**428**	**1,539,178**	
PAHANG			
SMV Sultan Hj Ahmad Shah Al-Mustaain Billah, Kuala Lipis	68	181,613	365 Hingga 527
SMV Temerloh, Temerloh	87	356,668	467 Hingga 565
SMV Seri Pelindung, Kuantan	80	352,340	414 Hingga 628
SMV Tengku Ampuan Afzan, Bentong	64	92,492	495 Hingga 520
SMT Pertanian Chenor, Chenor	149	993,457	514
Jumlah	**448**	**1,976,570**	
JOHOR			
SMV Muar, Muar	68	83,818	475 Hingga 499
SMV Segamat, Segamat	23	40,721	395 Hingga 500
SMV Kluang, Kluang	54	45,543	503 Hingga 507
SMV Batu Pahat, Kluang	57	108,655	416 Hingga 502
SMV Tanjung Puteri, Johor Bahru	65	129,517	360 Hingga 507
Jumlah	**267**	**408,254**	
JUMLAH KESELURUHAN	**2,447**	**7,392,524**	

GAMBAR 35.13



SMV Beaufort, Beaufort, Sabah
- Water Cooler Bernilai RM2,438 Seunit
Yang Belum/Tidak Digunakan
(26.07.2011)

GAMBAR 35.14



SMV Beaufort, Beaufort, Sabah
- Split Air Conditioner (Acson) Bernilai RM2,388 Seunit
Yang Belum/Tidak Digunakan
(26.07.2011)

GAMBAR 35.15



SMV Beaufort, Beaufort, Sabah
- Vacuum Pump Bernilai RM5,602 Seunit
Yang Belum/Tidak Digunakan
(26.07.2011)

GAMBAR 35.16



SMT Pertanian Chenor, Maran, Pahang
- Egg Incubator Bernilai RM8,000 Seunit
Yang Belum/Tidak Digunakan
(13.10.2011)

Pada pendapat Audit, pihak Kementerian perlu membuat pemeriksaan susulan terhadap tahap penggunaan peralatan MPAV di SMT/SMV yang lain dan tindakan penyelesaian terhadap masalah tersebut perlu dibuat segera. Sebagai contoh, bagi peralatan MPAV yang tiada keperluan untuk digunakan, pihak Kementerian hendaklah mengagihkannya kepada sekolah lain yang memerlukannya.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Kementerian mengambil maklum dan akan membuat tindakan pemantauan penggunaan peralatan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara berterusan. Beberapa peralatan yang berlebihan akan diagihkan kepada sekolah yang memerlukan.

35.5.3.2. Latihan Penggunaan

Mengikut syarat kontrak, pembekal hendaklah memberikan latihan kepada guru (sekiranya dinyatakan dalam kontrak) pada ketetapan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Pembekal juga hendaklah mengajar guru mengenai kaedah penggunaan, penyenggaraan dan pembaikan peralatan tersebut. Semakan Audit mendapati Syarikat Vibrantara Sdn. Bhd. dan Syarikat Maslina Sdn. Bhd. ada memberikan latihan kepada guru dan pihak pengurusan sekolah, manakala tiada maklumat menunjukkan bahawa pembekal lain telah mengadakan sesi latihan yang diperlukan sebagaimana ketetapan kontrak. Butiran mengenai latihan yang belum diberikan oleh pembekal adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 35.8
LATIHAN PENGGUNAAN DAN PENYENGGARAAN PERALATAN MPAV YANG BELUM DIBERIKAN

KURSUS/PERALATAN	NAMA PEMBEKAL/ BIL. SEKOLAH	BIL. DIBEKAL (Unit)	HARGA SEUNIT (RM)	LATIHAN PERLU DIBERIKAN	
				BIL. HARI	BIL. GURU
Elektrik & Elektronik/*PLC Training Unit*	Sinaravia Sdn. Bhd. 42 Sekolah	210	4,970	3	4
Automotif/*Electrical Circuit Wiring Training Board*	Tranz-i Technology Sdn. Bhd. 39 Sekolah	40	22,572	5	-
Automotif/*Anti-Lock Braking System Trainer (ABS)*		40	20,748	5	-
Automotif/*Petrol Fuel Injection Training Unit (EFI Trainer)*		40	13,794	5	-
Automotif/*Multi User Tester (M.U.T EFI Tester)*		41	12,540	2	-

Pada pendapat Audit, aspek latihan terhadap penggunaan, penyenggaraan dan pembaikan peralatan MPAV amat penting bagi menjamin guru berkebolehan menggunakan peralatan dan mengaplikasikannya dalam pengajaran dan pembelajaran. Kementerian sepatutnya memastikan semua pembekal mematuhi syarat kontrak dengan mengadakan latihan yang mencukupi dan bersesuaian.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Kementerian telah mengambil tindakan meminta pembekal menjalankan sesi latihan yang belum dilaksanakan dan mengemukakan Jadual Pelaksanaan Latihan sebelum 15 Mei 2012. Syarikat Tranz-i Technology Sdn. Bhd. bersetuju untuk melaksanakan latihan tersebut. Tindakan menyenaraihitamkan akan dilaksanakan jika pembekal gagal memberi latihan mengikut syarat kontrak.

35.5.3.3. Peralatan Rosak Tidak Dibaiki

Mengikut syarat kontrak, setiap peralatan MPAV yang dibekalkan kepada Kementerian mempunyai tempoh waranti selama satu tahun bermula daripada tarikh peralatan diperakui penerimaannya oleh pihak sekolah. Pembekal bertanggungjawab untuk memperbaiki kerosakan atau menggantikannya dengan peralatan yang baru dalam tempoh waranti tersebut. Semakan Audit mendapati 10 unit peralatan MPAV antaranya seperti *Microscope Storage Cupboard*; *Electrical Circuit Wiring*; *Anti-Lock Braking*

System dan *Air Compressor* bernilai RM78,609 telah rosak di 6 sekolah. Peralatan tersebut mengalami kerosakan sama ada sejak ianya dibeli atau semasa ia digunakan. Berdasarkan penjelasan pegawai di sekolah yang dilawati, mereka tidak dimaklumkan tentang tempoh waranti tersebut serta prosedur yang perlu diambil bagi memohon pembaikan/penggantian peralatan tersebut. Butiran peralatan yang mengalami kerosakan tersebut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 35.9
PERALATAN ROSAK TIDAK DIBAIKI

KURSUS/PERALATAN	HARGA SEUNIT (RM)	SMT/SMV BIL. (Unit)						AMAUN (RM)	CATATAN
		CHENOR	KANGAR	LANGKAWI	SHAS KUALA LIPIS	TEMERLOH	SEGAMAT		
Microscope Storage Cupboard/ Malaysia, Suria	1,407	-	1	-	-	-	-	1,407	Lampu tidak menyala apabila elektrik dipasang (switch on).
Electrical Circuit Wiring Training/ Malaysia/Endusa ECW-60-TB	22,572	-	1	-	-	-	-	22,572	Tidak berfungsi apabila elektrik dipasang (switch on).
Anti-Lock Braking System Trainer/ Malaysia/Endusa ECW-60-TB	20,748	-	1	-	-	-	-	20,748	Fungsi brek bermasalah semasa digunakan.
Life Model - Power Steering (Rack & Pinion) Edusa PS-1HPR	9,690	-	1	-	-	-	-	9,690	Tidak berfungsi apabila elektrik dipasang (switch on).
Sterilizing Unit/Custom-made	15,000	-	-	1	-	-	-	15,000	Belum digunakan sudah rosak.
Air Compressor/Taiwan/Asaki LC150/30T OR	2,435	-	-	-	1	-	1	4,870	Tidak berfungsi apabila elektrik dipasang (switch on).
Mini Concrete Mixer - Petrol Powered/Japan/Hisaki YMM350	1,356	-	-	-	-	2	-	2,712	Enjin tidak boleh dihidupkan.
Mini Concrete Mixer - Petrol Powered/Japan/Hisaki YMM350	1,610	1	-	-	-	-	-	1,610	Enjin tidak boleh dihidupkan.
JUMLAH		**1**	**4**	**1**	**1**	**2**	**1**	**78,609**	

GAMBAR 35.17



SMV Kangar, Kangar, Perlis
- Electrical Circuit Wiring Training Yang Tidak Berfungsi Apabila Elektrik Dipasang
(13.08.2011)

GAMBAR 35.18



SMV Kangar, Kangar, Perlis
- Life Model Power Steering (Rack & Pinion) Yang Tidak Berfungsi Apabila Elektrik Dipasang
(13.08.2011)

GAMBAR 35.19



SMT Langkawi, Langkawi, Kedah
- Sterilizing Unit Yang Belum Diguna Tetapi Sudah Rosak
(14.08.2011)

GAMBAR 35.20



SMV SHAS,Kuala Lipis, Pahang
- Air Compressor Yang Tidak Berfungsi Apabila Elektrik Dipasang
(11.10.2011)

Pada pendapat Audit, kerosakan peralatan MPAV dalam tempoh waranti adalah di bawah tanggungjawab pembekal sebagaimana syarat kontrak. Pihak sekolah juga hendaklah dimaklumkan tentang tempoh waranti yang telah ditetapkan serta tindakan susulan yang wajar diambil terhadap sebarang kerosakan peralatan MPAV.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Peringatan akan dibuat kepada pihak sekolah supaya laporan dan aduan dihantar ke Kementerian jika terdapat pembekal yang gagal melaksanakan pembaikan atau menggantikan peralatan yang rosak.

35.5.4. Penyimpanan Peralatan MPAV

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, aset Kerajaan hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab bagi mengelak berlakunya kerosakan atau kehilangan aset. Aset juga hendaklah ditempatkan serta disusun dengan teratur dan sistematik bagi memudahkan pemeriksaan, pengesanan dan perekodan. Lawatan Audit ke SMT/SMV mendapati peralatan MPAV tidak disimpan dengan teratur di 3 SMT/SMV, di mana ia ditempatkan secara terbuka dan boleh diakses dengan mudah; terdedah kepada kotoran/cuaca/ kelembapan dan tanpa kawalan keselamatan yang rapi. Peralatan tersebut juga tidak tersusun dengan teratur serta didapati berselerak di dalam stor. Pihak Audit dimaklumkan antara sebab berlakunya masalah ini adalah kerana ruang penyimpanan yang tidak mencukupi dan tidak dapat menampung kesemua peralatan yang sedia ada dan yang baru dibekalkan serta faktor pengurusan stor yang lemah. Butiran berkenaan peralatan MPAV yang tidak disimpan di tempat yang sesuai adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 35.10
PERALATAN TIDAK DISIMPAN DI TEMPAT YANG SESUAI DAN TERATUR

PERALATAN	UNIT BEKAL/ HARGA SEUNIT (RM)	SMT/SMV BIL. (Unit)			NILAI (RM)	CATATAN
		BEAUFORT	LANGKAWI	PERTANIAN CHENOR		
Egg Grader (Manual) Australia	10,000	-	7	-	70,000	Disimpan dalam stor dan tidak teratur.
Eggs Incubator China	8,000	-	13	-	104,000	
Automatic Egg Grader China	20,000	-	-	1	20,000	
Packaging Machine M'sia/Sincospec	4,200	-	3	-	12,600	
Laminar Flow Chamber Singapore/Gelman/Cfs72/30	18,597	-	1	-	18,597	Disimpan di luar dan terdedah dengan habuk.
Brine Pump Set/China/BZSQ-11	6,195	-	2		12,390	Penyimpanan di dalam stor tetapi tidak teratur.
Moulds (Bean Curd)/Malaysia/ YSM BCB01	3,097	-	20	-	61,940	
Deep Fat Fryer/Malaysia/Berjaya/ FSGDF23-2B	3,147	-	1	-	3,147	
Sterilizing Unit	15,000	-	1	1	30,000	Kotor dan sudah rosak (Langkawi, Kedah) dan belum uji lari/masih dalam kotak (Chenor, Maran, Pahang).
Recovery And Recycling Machine	14,888	11	-	-	163,768	Kotor dipenuhi najis burung.
Cow Weighing Set New Zealand	15,000	-	1	1	30,000	Penyimpanan di dalam stor tetapi tidak teratur dan sukar hendak diperiksa.
Portable Arc Welding Machine Malaysia/WIM, AC200	1,500	23	-	-	34,500	Kotor dipenuhi najis burung.

PERALATAN	UNIT BEKAL/ HARGA SEUNIT (RM)	SMT/SMV BIL. (Unit)			NILAI (RM)	CATATAN
		BEAUFORT	LANGKAWI	PERTANIAN CHENOR		
Residental Split AC System Malaysia/Acson	2,388	26	-	-	62,088	Kotor dipenuhi najis burung.
Spawning Tank (Rectangular)	4,900	-	-	4	19,600	Ditempatkan secara terbuka dan terdedah kepada hujan dan panas matahari yang akan mempercepatkan peralatan rosak.
Spawning Tank (Oval)	7,800	-	-	4	31,200	
Hatching Tank	4,300	-	-	4	17,200	
Filter Tank	5,300	-	-	4	21,200	

GAMBAR 35.21



SMT Langkawi, Langkawi, Kedah
- Brine Pump Set Yang Disimpan Di Dalam Stor Dan Tidak Teratur
(14.08.2011)

GAMBAR 35.22



SMT Langkawi, Langkawi, Kedah
- Laminar Flow Chamber Yang Disimpan Di Luar Dan Terdedah Kepada Habuk Dan Debu
(14.08.2011)

GAMBAR 35.23



SMV Beaufort, Beaufort, Sabah
- Recovery And Recycling Machine Yang Disimpan Di Dalam Stor Dan Terdedah Kepada Kotoran (Najis Burung/Binatang)
(26.07.2011)

GAMBAR 35.24



SMT Langkawi, Langkawi, Kedah
- Sterilizing Unit Yang Disimpan Di Dalam Stor Dan Terdedah Kepada Kotoran (Najis Burung/Binatang)
(14.08.2011)



GAMBAR 35.25

SMT Pertanian Chenor, Maran, Pahang
- Spawning Tank (Rectangular) Dan Spawning Tank (Oval) Yang Terdedah Kepada Hujan Dan Panas Matahari
(13.10.2011)

Pada pendapat Audit, Kementerian dan sekolah perlu mengkaji semula lokasi penyimpanan peralatan MPAV yang sesuai serta memastikan supaya peralatan MPAV sentiasa ditempatkan dalam keadaan baik dan selamat.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Tindakan telah diambil selepas teguran Audit dan semua peralatan telah disusun dengan teratur di dalam stor serta di tempat yang sesuai. Satu Garis Panduan Pelaksanaan Pengkelasan Baru Kategori Stor Di Kementerian Pelajaran Malaysia telah dikeluarkan dan diedarkan pada 27 Februari 2012.

35.5.5. Pemantauan Terhadap Perolehan Peralatan

Pemantauan yang teratur terhadap perolehan peralatan MPAV akan dapat membantu meningkatkan kecekapan pengurusan perolehan peralatan tersebut. Pemantauan terhadap perolehan MPAV dilaksanakan di peringkat Kementerian dan negeri seperti berikut:

35.5.5.1. Di peringkat Kementerian, Sektor Aset Dan Fasiliti, BPTV dan Unit Perolehan Peralatan Am, BPPA adalah bertanggungjawab untuk memantau perolehan peralatan MPAV. Pemantauan dibuat antaranya melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan RMKe-9, Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Kemudahan Fizikal Dan Aset BPTV dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan. Selain itu, pemantauan juga dilakukan melalui mesyuarat dengan pembekal selain mengadakan pemeriksaan fizikal dari semasa ke semasa. Pada umumnya, pemantauan yang dilaksanakan di peringkat Kementerian adalah teratur. Bagaimanapun, pemantauan yang dilaksanakan secara fizikal tidak disokong dengan laporan mengenainya.

35.5.5.2. Di peringkat negeri, pemantauan dilaksanakan oleh Pejabat Pengurusan Aset (PPA) dan pihak pengurusan sekolah. Pemantauan PPA dibuat melalui lawatan ke sekolah dari semasa ke semasa oleh pegawainya dan kadang-kala disertai oleh pegawai BPTV. Pihak pengurusan sekolah pula menjalankan pemantauan melalui pengesahan terhadap penerimaan; penempatan dan penggunaan peralatan. Pada umumnya, pemantauan yang dilaksanakan di peringkat negeri adalah teratur. Bagaimanapun, pemantauan yang dilaksanakan secara fizikal tidak disokong dengan laporan mengenainya.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan sedia ada perlu dipertingkatkan terhadap penerimaan, penggunaan dan penyimpanan peralatan MPAV. Pemantauan secara berjadual perlu dilakukan di peringkat BPTV/BPPA/PPA dan hasil pemantauan hendaklah dilaporkan kepada pihak pengurusan Kementerian supaya kelemahan berbangkit dapat diambil tindakan segera.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Laporan lawatan pemantauan pembekalan peralatan MPAV ke SM Teknik Langkawi, SMV Matang dan SMV Dato' Lela Maharaja, Rembau telah disediakan.

35.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

35.6.1. Kementerian hendaklah tegas dalam menguatkuasakan undang-undang dan mengambil tindakan ke atas kontraktor yang melanggar syarat perjanjian kontrak.

35.6.2. Pihak sekolah hendaklah dimaklumkan dan dibekalkan dengan salinan spesifikasi kontrak bagi tujuan rujukan semasa penerimaan peralatan MPAV. Sekiranya peralatan yang dibekalkan adalah tidak mengikut spesifikasi, ia harus ditolak kecuali mendapat kelulusan penukaran spesifikasi daripada Kementerian terlebih dahulu.

35.6.3. Kementerian hendaklah menyiasat kes tuntutan bayaran oleh pembekal tanpa melaksanakan uji lari ke atas peralatan. Pihak pengurusan sekolah juga hendaklah memastikan SPP tidak ditandatangani selagi uji lari tidak dilakukan dan pembekal yang tidak mematuhi syarat kontrak perlu disenaraihitamkan.

35.6.4. Kementerian perlu membuat pemeriksaan susulan terhadap tahap penggunaan peralatan MPAV di SMT/SMV yang lain dan tindakan penyelesaian terhadap masalah tersebut perlu dibuat segera. Sebagai contoh, bagi peralatan MPAV yang belum/tiada keperluan untuk digunakan, pihak Kementerian hendaklah mengagihkannya kepada sekolah lain yang memerlukan.

35.6.5. Kementerian sepatutnya memastikan semua pembekal mematuhi syarat kontrak dengan mengadakan latihan yang mencukupi dan bersesuaian. Kementerian dan pihak sekolah juga perlu mengkaji semula lokasi penyimpanan peralatan MPAV yang sesuai serta memastikan supaya peralatan MPAV sentiasa ditempatkan dalam keadaan baik dan selamat.

35.6.6. Mekanisme pemantauan sedia ada perlu dipertingkatkan dan diperkemas terhadap penerimaan, penggunaan dan penyimpanan peralatan MPAV. Pemantauan secara berjadual perlu dilakukan di peringkat BPTV/BPPA/PPA dan hasil pemantauan hendaklah dilaporkan kepada pihak pengurusan Kementerian supaya kelemahan berbangkit dapat diambil tindakan segera.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 278-284
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

36. PENGURUSAN BEKALAN MAKANAN BERMASAK DI SEKOLAH BERASRAMA PENUH, SEKOLAH MENENGAH TEKNIK/VOKASIONAL DAN SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN

36.1. LATAR BELAKANG

36.1.1. Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) menyediakan kemudahan makanan kepada semua murid yang tinggal di asrama sekolah. Bagi memastikan murid menerima makanan yang mencukupi, bersih, berkhasiat, seimbang dan berkualiti, Kementerian telah menawarkan tender bagi mendapatkan perkhidmatan Bekalan Makanan Bermasak (BMB). Sehingga bulan Jun 2011, Kementerian mengurus perolehan bekalan bermasak untuk 1,010 sekolah di seluruh negara iaitu 60 Sekolah Berasrama Penuh (SBP), sebanyak 88 Sekolah Menengah Teknik/Vokasional (SMTV), sebanyak 125 Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan 737 lain-lain sekolah.

36.1.2. Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset (BPPA) bertanggungjawab mengurus dan melaksanakan perolehan tender perkhidmatan membekal makanan bermasak ke semua sekolah berasrama. Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) pula terlibat dalam membantu urusan tender serta pentadbiran dan penguatkuasaan kontrak. Manakala Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh Dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK), Bahagian Pendidikan Teknik Dan Vokasional (BPTV) dan Bahagian Pendidikan Islam (BPI) masing-masing berperanan dalam mengagihkan peruntukan BMB ke sekolah-sekolah dan melaksanakan pemantauan. Manakala di peringkat sekolah, pengurusan BMB adalah di bawah tanggungjawab Pengetua dan dibantu oleh Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PKHEM) dan Penyelia Asrama.

36.1.3. Perkhidmatan BMB disediakan berdasarkan menu yang ditetapkan oleh Kementerian berasaskan Saranan Pengambilan Nutrien Malaysia (2005) dan memenuhi saranan Piramid Makanan Malaysia yang menggalakkan pengambilan bijirin, buah-buahan dan sayur-sayuran. Makanan dihidangkan sebanyak 5 kali sehari dan bayaran kepada kontraktor berdasarkan kepada jumlah murid, hari dan kadar harga seorang sehari seperti mana yang ditetapkan dalam kontrak. Peruntukan BMB disalurkan melalui Bantuan Makanan Asrama (BMA). Peruntukan BMA yang diluluskan di 3 Bahagian tersebut pada tahun 2011 berjumlah RM271.23 juta dan sejumlah RM270.78 juta (99.8%) telah diagihkan.

36.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan bekalan makanan bermasak di Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Teknik/Vokasional dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

36.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perkhidmatan bekalan makanan memasak di SBP, SMTV dan SABK bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Semakan Audit telah dijalankan di peringkat Kementerian; 3 Bahagian (BPSBPSK, BPTV dan BPI); 5 JPN (Johor, Sabah, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Putrajaya) dan 30 sekolah di negeri terpilih. Sebanyak 30 (11%) daripada 273 SBP, SMTV dan SABK di seluruh negara telah dipilih untuk tujuan pengauditan yang melibatkan 5 negeri yang dilawati.

36.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan rekod dan dokumen; temu bual dengan pegawai, guru, murid dan kontraktor terlibat; dan mengedarkan borang soal selidik kepada murid-murid untuk menentukan tahap kepuasan mereka terhadap perkhidmatan yang disediakan. Pemeriksaan fizikal juga dijalankan di dewan makan sekolah dan persekitarannya, stor bahan mentah dan bahan kering, stor BPPA dan stor JPN. Selain itu, pengesahan lanjut dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan institusi kewangan yang terlibat telah dibuat bagi tujuan mendapatkan maklumat pendaftaran syarikat dan pengesahan bon pelaksanaan.

36.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2011 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan BMB di 30 sekolah yang dilawati adalah kurang memuaskan di mana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

i. kelemahan dalam pengurusan kontrak seperti kontrak tidak/lewat ditandatangani; Bon Pelaksanaan tidak/lewat dikemukakan serta penyimpanan dokumen tender dan kontrak yang tidak teratur;

ii. integriti maklumat dan proses merekodkan data petender ke dalam sistem komputer diragui;

iii. terdapat syarat kontrak yang tidak dipatuhi. Antaranya syarat berkaitan spesifikasi bahan makanan; perubahan dan modifikasi pesanan perkhidmatan; pekerja kontraktor; kebersihan dan keselamatan dewan makan; dan

iv. terdapat kelemahan dalam pemantauan seperti borang yang ditetapkan tidak digunakan sepenuhnya oleh pihak pentadbiran sekolah; ada sekolah yang tidak mengadakan mesyuarat bersama kontraktor untuk membincangkan prestasi perkhidmatan BMB pada akhir setiap sesi persekolahan; minit mesyuarat tidak dipanjangkan kepada pihak yang berkenaan; Laporan Bulanan Prestasi Kontraktor tidak disediakan oleh pihak sekolah dan BPI tidak ada menjalankan lawatan pemantauan terhadap aktiviti bekalan makanan bermasak di sekolah SABK.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan serta maklum balas Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

36.5.1. Pengurusan Kontrak

36.5.1.1. Kementerian telah mendapatkan 63 perkhidmatan BMB secara tender atau sebut harga (bergantung kepada nilai perolehan) bagi 30 sekolah yang diaudit dengan tempoh kontrak/perkhidmatan secara umumnya adalah selama 2 tahun atau 2½ tahun. Butiran perkhidmatan BMB bagi 30 sekolah adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 36.1
SENARAI KONTRAKTOR UNTUK 30 SEKOLAH YANG DILAWATI

SEKOLAH	BIL.	NAMA SYARIKAT	TEMPOH KONTRAK/TAWARAN PERHIDMATAN BMB		NILAI KONTRAK (RM)
			MULA	AKHIR	
TERENGGANU					
SM Sains Sultan Mahmud	1.	Nasirmuda (M) Sdn. Bhd.	01.01.2009	31.12.2010	3,750,000
	2.	Haniki Bistari Sdn. Bhd.	01.01.2011	31.12.2012	3,285,120
SM Teknik Besut	3.	Ab. Halim Enterprise	01.01.2009	31.12.2010	4,443,750
	4.	Rezeki Utusan Enterprise	01.01.2011	31.12.2012	2,760,000
SM Imtiaz Dungun		Kontrak Sebelum 13 Jun 2009 Tidak Diuruskan Oleh Kementerian			
	5.	ASM Transuasa (M) Sdn. Bhd.	13.06.2009	31.12.2011	3,936,000
SM Sains Kuala Terengganu	6.	Emas Putih Deco	01.01.2008	31.12.2009	1,770,000
	7.	Mohd Zuki bin Ramli	01.01.2010	31.12.2011	2,002,500

SEKOLAH	BIL.	NAMA SYARIKAT	TEMPOH KONTRAK/TAWARAN PERHIDMATAN BMB		NILAI KONTRAK (RM)
			MULA	AKHIR	
SM Teknik Dungun	8.	Mars Enterprise	01.01.2009	31.12.2010	4,612,500
	9.	Zamgey Hafiq Enterprise	01.01.2011	31.12.2012	3,009,600
SM Imtiaz Besut		Kontrak Sebelum 1 Januari 2010 Tidak Diuruskan Oleh Kementerian			
	10.	Sazan Enterprise	01.01.2010	31.12.2011	1,001,600
JOHOR					
SM Sains Johor, Kluang	11.	Showru Café Sdn. Bhd.	01.01.2009	31.12.2010	4,200,000
	12.	Persatuan Nelayan Negeri Johor	01.01.2011	31.12.2012	3,763,200
Sekolah Tun Fatimah	13.	Jasa Sahih Services	01.01.2009	31.12.2010	4,550,000
	14.	Feroza Enterprise	01.01.2011	31.12.2012	3,763,200
SM Teknik Johor Bahru	15.	Feroza Enterprise	01.06.2007	31.05.2009	2,542,500
	16.	Gong Impian Enterprise	01.06.2009	31.05.2011	2,880,000
	17.	Maz Makmur Enterprise	01.06.2011	31.05.2013	2,320,000
SM Teknik (ERT) Azizah	18.	Ledang Unggul Sdn. Bhd.	01.01.2009	31.12.2010	1,825,000
	19.	Anamie Enterprise	01.01.2011	31.12.2012	1,524,000
SM Agama (Arab) An-Nur	20.	Ira Bayu Enterprise	01.06.2007	31.05.2009	2,880,000
	21.	Ira Bayu Enterprise	01.06.2009	31.05.2011	2,450,000
	22.	Jansal Enterprise	01.06.2011	31.05.2013	2,142,000
Madrasah Alattas Alarabiah	23.	Skyline Blue Enterprise	01.06.2007	31.05.2009	2,260,000
	24.	Skyline Blue Enterprise	01.06.2009	31.05.2011	1,587,000
	25.	Perniagaan Fanalidyia	01.06.2011	31.05.2013	1,562,500
SM Sains Kota Tinggi	26.	Hidang Enterprise	01.01.2009	31.12.2010	4,200,000
	27.	Suza Enterprise	01.01.2011	31.12.2012	3,696,000
SABAH					
SM Sains Sabah	28.	Marikaya	08.06.2007	31.05.2009	2,769,214
	29.	MSAS Enterprise	15.08.2009	31.12.2011	4,861,440
SM Sains Lahad Datu	30.	Sri Perdana Enterprise	Tiada Maklumat Berkenaan Kontrak		
	31.	Waninanira Enterprise	01.06.2009	31.05.2011	3,602,500
	32.	Syarikat Modal Insan Development	01.06.2011	31.05.2013	3,355,000
SM Teknik Lahad Datu	33.	Perdana Enterprise	01.01.2009	31.12.2010	3,025,000
	34.	Husbiah Enterprise	01.01.2011	31.12.2012	2,440,800
SM Teknik Tawau	35.	Tengku Enterprise	01.01.2009	31.12.2010	2,006,000
	36.	Tengku Enterprise	01.01.2011	31.12.2012	2,397,600
SMA Al-Irsyadiah	37.	Dabas Enterprise	Tiada Maklumat Berkenaan Kontrak		
	38.	Permai Enterprise	01.01.2010	31.12.2011	993,600
SMA Islamiah Tawau	39.	Syarikat Jaya Wawasan	01.01.2008	31.12.2009	125,000
	40.	Owlly Purnama Services	01.01.2010	31.12.2011	290,000
SELANGOR					
Sekolah Seri Puteri	41.	Johi Enterprise	01.06.2007	31.05.2009	4,080,000
	42.	KZ Enterprise	01.06.2009	31.08.2011	4,590,000
	43.	Baimas Jati Enterprise	01.09.2011	31.12.2013	5,907,160
SM Teknik Kuala Selangor	44.	Mazli Bin Isa	01.01.2008	31.12.2009	4,000,000
	45.	Konsuma Sdn. Bhd.	01.01.2010	31.12.2011	3,520,000
SM Teknik Kajang	46.	Perniagaan Almiah	01.01.2008	31.12.2009	3,750,000
	47.	Platinum Saga (M) Sdn. Bhd.	01.01.2010	31.12.2011	3,481,000
SAM Jeram	48.	Norini Binti Jailani	01.01.2008	31.12.2009	1,680,000
	49.	Langkah Permata Sdn. Bhd.	01.01.2010	31.12.2011	1,904,000
SAM Sungai Merab Luar	50.	Zainuddin Bin Sepian	01.01.2008	31.12.2009	1,270,000
	51.	Intelligence Synergy Sdn. Bhd.	01.01.2010	31.12.2011	1,701,000
SAMT Tengku Ampuan Rahimah	52.	Faridah Bt. Razalli	01.01.2008	31.12.2009	1,537,500
	53.	Unique Rafflesia Trading	01.01.2010	31.12.2011	1,512,000
SAMT Tengku Ampuan Jemaah	54.	Pemborong Akal Sdn. Bhd.	Tiada Kontrak Diikat		
	55.	Segi Seri Sdn. Bhd.	01.01.2010	31.12.2011	3,335,000
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR/PUTRAJAYA					
Sekolah Sultan Alam Shah	56.	Zam Resources Sdn. Bhd.	11.06.2007	31.05.2010	6,225,000
	57.	Azli Enterprise	01.06.2010	31.05.2012	4,302,720

SEKOLAH	BIL.	NAMA SYARIKAT	TEMPOH KONTRAK/TAWARAN PERHIDMATAN BMB		NILAI KONTRAK (RM)
			MULA	AKHIR	
SM Sains Selangor	58.	Index Associate Sdn. Bhd.	01.06.2007	31.12.2009	4,087,625
	59.	Index Associate Sdn. Bhd.	01.01.2010	31.12.2011	3,331,800
SM Teknik Kuala Lumpur	60.	Tirai Selera	01.06.2007	31.12.2009	4,390,312
	61.	Syarikat Helwangi Sdn. Bhd.	01.01.2010	31.12.2011	3,763,125
SM Teknik ERT Setapak	62.	Fatimah Gani Sdn. Bhd.	01.06.2007	31.12.2009	3,510,937
	63.	Jasamaju Enterprise	01.01.2010	31.12.2011	3,045,000

36.5.1.2. Kontrak merupakan perjanjian bertulis yang sah bagi mengikat kedua-dua pihak dari segi undang-undang. Kedua-dua pihak perlu mematuhi sepenuhnya syarat perjanjian yang dipersetujui bagi menjamin kepentingan masing-masing. Semakan Audit terhadap pengurusan kontrak di peringkat BPPA, JPN dan sekolah mendapati perkara seperti berikut:

a. Kontrak Tidak Ditandatangani

i. Adalah didapati kontrak perkhidmatan BMB telah ditandatangani antara pihak Kementerian dengan pembekal kecuali kontrak perkhidmatan BMB di 2 sekolah iaitu SM Agama (Arab) An-Nur, Pontian, Johor dan SAMT Tengku Ampuan Jemaah, Shah Alam, Selangor. Bagi SM Agama (Arab) An-Nur, Pontian, Johor, Kementerian telah menawarkan perkhidmatan BMB kepada Jansal Enterprise melalui tender terbuka bernilai RM2.14 juta bagi tempoh 1 Jun 2011 hingga 31 Mei 2013. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada syarikat pada 19 Mei 2011. Bagaimanapun, perkhidmatan BMB di sekolah tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana Pengetua sekolah tidak bersetuju dengan keputusan Kementerian memberikan tender kepada syarikat lain. Sebaliknya mengikut Pengetua sekolah, perkhidmatan BMB ke sekolah ini telah dijalankan oleh Hajah Zainab Enterprise.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Kementerian telah mengadakan perjumpaan dengan pihak-pihak yang terlibat pada awal tahun 2012 dan telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan terhadap perkara ini.

ii. Bagi SAMT Tengku Ampuan Jemaah di Shah Alam, Kementerian telah menawarkan perkhidmatan BMB kepada Pemborong Akal Sdn. Bhd. pada tahun 2009 melalui tender terbuka. Semakan Audit di BPPA, BPI, JPN Selangor dan SAMT Tengku Ampuan Jemaah mendapati syarikat ini tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan dan tiada perjanjian kontrak yang diikat oleh Kerajaan dengan pihak kontraktor bagi perkhidmatan BMB yang dilaksanakan. Berdasarkan surat menyurat daripada BPPA, tempoh bekalan adalah untuk 2 tahun bermula dari 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2009. JPN Selangor memaklumkan bahawa antara sebab kontrak tidak ditandatangani ialah pihaknya menunggu Bon Pelaksanaan yang akan dikemukakan oleh kontraktor, namun sehingga tamat tempoh tawaran, kontraktor gagal menyerahkan Bon Pelaksanaan dan kontrak tidak diikat sehingga tamat tempoh perkhidmatan BMB.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Kementerian mengambil perhatian dan tindakan terhadap perkara ini. Sekolah ini merupakan antara Sekolah Agama Rakyat terawal yang menyertai Kementerian Pelajaran Malaysia. Oleh yang demikian, memandangkan ia merupakan sekolah baru, maka kesedaran berkenaan polisi dan peraturan perolehan/kewangan berkuat kuasa adalah lemah. Kes ini telah diangkat untuk mendapatkan pandangan Pegawai Undang-undang Kementerian.

b. Kontrak Lewat Ditandatangani

i. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan perjanjian kontrak hendaklah ditandatangani selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh keluarnya SST. Adalah didapati 7 kontrak BMB bernilai RM22.50 juta bagi 7 sekolah telah lewat ditandatangani antara 24 hingga 292 hari dari tarikh ia sepatutnya ditandatangani. Selain itu, pihak Audit mendapati SST kepada kontraktor yang berjaya hanya dikeluarkan antara 6 hingga 28 hari sebelum perkhidmatan dimulakan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 36.2
KONTRAK BMB LEWAT DITANDATANGANI

SEKOLAH	KONTRAKTOR	NILAI KONTRAK (RM Juta)	TARIKH		KELEWATAN SELEPAS TEMPOH 4 BULAN DARI TARIKH SST (Hari)	TEMPOH KONTRAK	TEMPOH SST DIKELUARKAN BERBANDING TARIKH MULA KONTRAK (Hari)
			SST	KONTRAK DITANDATANGANI			
SM Sains Selangor	Index Associate Sdn. Bhd.	3.33	03.12.2009	01.12.2010	243	01.01.10 - 31.12.11	28
SM Teknik Kuala Lumpur	Syarikat Helwangi Sdn. Bhd.	3.76	03.12.2009	19.01.2011	292	01.01.10 - 31.12.11	28
SM Teknik ERT Setapak	Jasamaju Enterprise	3.05	03.12.2009	15.10.2010	196	01.01.10 - 31.12.11	28
SM Teknik Lahad Datu	Perdana Enterprise	3.03	22.12.2008	15.05.2009	24	01.01.09 - 31.12.10	10
Sekolah Seri Puteri	KZ Enterprise	4.59	18.05.2009	17.03.2010	183	01.06.09 - 31.08.11	14
SM Teknik Kajang	Perniagaan Almiah	3.75	26.12.2007	14.10.2008	172	01.01.08 - 31.12.09	6
SMA Al-Irsyadiah	Permai Enterprise	0.99	16.12.2009	28.07.2010	103	01.01.10 - 31.12.11	16
JUMLAH		22.50					

ii. Kontrak berkenaan lewat ditandatangani disebabkan pihak BPPA/JPN gagal mematuhi dan menguatkuasakan peraturan kontrak. Dalam tempoh kontrak tidak ditandatangani, pihak sekolah terpaksa membuat bayaran kerana kontraktor telah melaksanakan perkhidmatan BMB ke sekolah tersebut dan membuat tuntutan selepas bulan berkenaan.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Pihak Kementerian mengambil maklum dan memandang serius teguran Audit sebagaimana yang dilaporkan. Surat edaran berkenaan peringatan terhadap teguran Audit telah dikeluarkan kepada semua Bahagian/JPN berkenaan sebagai peringatan pematuhan terhadap Arahan Perbendaharaan dan semua pekeliling berkaitan yang berkuat kuasa. Mengikut maklum balas JPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kelewatan kontrak ditandatangani adalah berpunca daripada penyelarasan fungsi dan tugas berkenaan pengurusan tender BMB yang tidak jelas di peringkat Jabatan iaitu di antara Unit Hal Ehwal Murid (HEM) di bawah

Sektor Pengurusan Pembangunan Dan Kemanusiaan dan Unit Perolehan Dan Pengurusan Aset di bawah Sektor Khidmat Pengurusan Dan Pembangunan. Manakala mengikut BPPA, kelewatan penyerahan SST kepada kontraktor yang berjaya adalah disebabkan oleh jadual Mesyuarat Lembaga Perolehan Kementerian yang padat dengan jumlah tender yang banyak.

Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak bekalan makanan bermasak adalah kurang memuaskan kerana kontrak tidak ditandatangani dan kontrak lewat ditandatangani. Oleh itu, semua perolehan bekalan makanan bermasak hendaklah diikat dengan perjanjian secara teratur dan sah serta dalam tempoh yang ditetapkan bagi menjamin kepentingan kedua-dua pihak. Kementerian hendaklah meneliti kes perolehan perkhidmatan BMB tanpa perjanjian yang sah dan mengambil tindakan terhadap mereka yang gagal mematuhi perolehan kontrak Kerajaan serta membuat bayaran tanpa perjanjian. Selain itu, tempoh mengeluarkan SST yang terlalu singkat dari tarikh pelaksanaan BMB menyebabkan Kementerian sukar untuk mengambil tindakan terhadap kontraktor yang gagal mengemukakan Bon Pelaksanaan.

c. Bon Pelaksanaan Tidak/Lewat Dikemukakan

Mengikut peraturan, Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh SST dan jika petender yang berjaya tidak mengembalikan Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan, kegagalan ini hendaklah dimaklumkan kepada Lembaga Perolehan untuk memilih petender lain dalam tempoh sah laku tender. Semakan Audit mendapati 2 kontraktor tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan kepada BPPA iaitu Jansal Enterprise dan Pemborong Akal Sdn. Bhd. walaupun SST telah dikeluarkan. Adalah didapati Jansal Enterprise tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan seperti yang disyaratkan kerana syarikat ini telah dihalang melaksanakan perkhidmatan BMB di SM Agama (Arab) An-Nur, Pontian, Johor oleh Pengetua sekolah. Bagi Pemborong Akal Sdn. Bhd., ia telah melaksanakan perkhidmatan BMB dari 1 Januari 2008 hingga 31 Ogos 2009 tanpa sebarang kontrak dan dalam tempoh tersebut syarikat gagal mengemukakan Bon Pelaksanaan. Selanjutnya, pihak Audit mendapati 10 syarikat telah lewat mengemukakan Bon Pelaksanaan bernilai RM0.85 juta bagi 10 kontrak bernilai RM36.78 juta kepada BPPA/JPN. Kelewatan adalah antara 22 hingga 806 hari. Bagaimanapun, tiada tindakan diambil untuk memilih petender lain walaupun kontraktor gagal mematuhi syarat yang ditetapkan dalam tempoh yang munasabah. Butiran kelewatan mengemukakan Bon Pelaksanaan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 36.3
KELEWATAN MENGEMUKAKAN BON PELAKSANAAN

SEKOLAH	NAMA KONTRAKTOR	NILAI		TARIKH		KELEWATAN SELEPAS 14 HARI
		KONTRAK (RM)	BON PELAKSANAAN (RM)	SST	BON PELAKSANAAN	
SM Teknik Kajang	Perniagaan Almiah	3,750,000	93,750	26.12.2007	04.06.2008	146
SAMT Tengku Ampuan Rahimah	Unique Rafflesia Trading	1,512,000	37,800	03.12.2009	04.02.2010	48
SM Sains Sultan Mahmud	Haniki Bistari Sdn. Bhd.	3,285,120	82,128	17.12.2010	08.02.2011	38
Sekolah Sultan Alam Shah	Zam Resources Sdn. Bhd.	6,225,000	103,750	31.05.2007	06.07.2007	22
	Azli Enterprise	4,302,720	107,568	17.05.2010	27.10.2010	148
SM Sains Johor, Kluang	Persatuan Nelayan Negeri Johor	3,763,200	94,080	17.12.2010	11.02.2011	41

SEKOLAH	NAMA KONTRAKTOR	NILAI		TARIKH		KELEWATAN SELEPAS 14 HARI
		KONTRAK (RM)	BON PELAKSANAAN (RM)	SST	BON PELAKSANAAN	
Sekolah Tun Fatimah	Feroza Enterprise	3,763,200	94,080	17.12.2010	12.05.2011	131
SM Teknik Johor Bahru	Feroza Enterprise	2,542,500	63,562	07.06.2007	07.09.2007	77
SM Sains Kota Tinggi, Johor	Suza Enterprise	3,696,000	92,400	17.12.2010	24.03.2011	82
SM Imtiaz Dungun	ASM Transuasa (M) Sdn. Bhd.	3,936,000	78,720	12.06.2009	11.09.2011	806
JUMLAH		**36,775,740**	**847,838**			

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Pihak Kementerian mengambil maklum akan kesulitan pihak kontraktor untuk menyediakan Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan. BPPA ada mengeluarkan surat peringatan kepada kontraktor yang gagal mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam tempoh tersebut. Mesyuarat Jawatankuasa Bon Pelaksanaan juga diadakan 6 kali setahun yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian/Timbalan Setiausaha (Dasar), BPPA bertujuan antara lain membincangkan serta memutuskan isu-isu/kes berbangkit berhubung Bon Pelaksanaan bagi kontrak-kontrak di bawah BPPA.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu bertegas terhadap kontraktor yang gagal menyerahkan Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan dengan membatalkan tawaran tersebut.

d. Penyimpanan Dokumen Tender Tidak Teratur


Peraturan menetapkan maklumat berkenaan sesuatu tender termasuk dokumen tender, tawaran tender dan penilaian tender hendaklah diklasifikasikan sebagai SULIT dan tidak boleh disebarkan sebelum keputusan muktamad dibuat. Mengikut BPPA, pihaknya hanya akan menyimpan dokumen tender di stor BPPA bagi profil syarikat yang berjaya. Manakala dokumen tender bagi profil syarikat yang tidak berjaya akan disimpan di stor JPN. Bagaimanapun, lawatan Audit ke stor BPPA mendapati penyimpanan dokumen tender dan profil syarikat yang berjaya tidak disusun dengan kemas dan teratur. Manakala lawatan Audit ke 5 stor JPN mendapati dokumen tender bagi profil syarikat yang tidak berjaya tidak disimpan dengan teratur, kemas dan selamat. Contohnya di JPN Selangor, adalah didapati bumbung stor (kabin) bocor menyebabkan kebanyakan dokumen rosak dan basah terkena air. Di JPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dokumen profil syarikat yang tidak berjaya disimpan di bilik darjah SK (L) Methodist Sentul, Kuala Lumpur manakala di JPN Terengganu, dokumen profil syarikat disimpan di stor SMK Bukit Besar, Kuala Terengganu kerana stor JPN yang sedia ada tidak dapat menampung penempatan dokumen berkenaan. Selain itu, kawalan keselamatan di 5 stor tersebut kurang memuaskan kerana dokumen profil petender bercampur dengan dokumen lain dan kakitangan dari bahagian lain juga bebas memasuki stor tersebut. Pihak Audit difahamkan selain kekangan ruangan stor, BPPA dan JPN juga tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk mengadakan rak dan stor yang sesuai bagi menempatkan dokumen ini secara tersusun dan kemas. Gambar berkenaan penyimpanan dokumen tender dan profil petender adalah seperti berikut:

GAMBAR 36.1



Stor BPPA
- Dokumen Tender Dan Profil Tidak Disusun Dengan Kemas (16.08.2011)

GAMBAR 36.2



Stor (Kabin) JPN Selangor
- Dokumen Profil Petender Rosak Akibat Terkena Air Kerana Bumbung Stor Yang Bocor (14.07.2011)

GAMBAR 36.3



Stor SMK Bukit Besar, Kuala Terengganu
- Dokumen Profil Petender Yang Sepatutnya Disimpan Di JPN Terengganu (01.07.2011)

GAMBAR 36.4



Stor (Kabin) JPN Johor
- Dokumen Profil Petender Tidak Disimpan Secara Teratur Di Stor JPN Johor Dan Bercampur Dengan Dokumen Lain (17.10.2011)

GAMBAR 36.5



Bilik Darjah SK (L) Methodist Sentul, Kuala Lumpur
- Dokumen Profil Petender Yang Sepatutnya Disimpan Di Stor JPN WP Kuala Lumpur (06.12.2011)

GAMBAR 36.6



Stor JPN Sabah
- Dokumen Profil Petender Tidak Disimpan Dengan Teratur Dan Bercampur Dengan Dokumen Lain (19.09.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Kekangan ruang penyimpanan/stor yang lebih efisien menyebabkan dokumen tender dan profil syarikat yang tidak berjaya terpaksa diletakkan di sekolah yang berkenaan. Bagaimanapun, pihak JPN kini sedang giat merangka pelan tindakan bagi mengatasi masalah ini. Kementerian mengambil maklum perkara ini dan langkah penambahbaikan akan segera dirangka bagi memastikan teguran Audit tidak berulang lagi.

Pada pendapat Audit, kawalan dokumen profil syarikat di BPPA dan JPN adalah kurang memuaskan dan boleh menimbulkan risiko kepada penyalahgunaan dan kehilangan dokumen tersebut. Kementerian perlu meningkatkan aspek kawalan dan keselamatan dokumen tender dan profil syarikat supaya ianya selamat, terkawal dan mudah dikesan.

36.5.2. Integriti Proses Merekodkan Maklumat Petender Dan Penyimpanan Dokumen

36.5.2.1. Petender yang memasuki tender disyaratkan mengemukakan dokumen kepada Kementerian, antaranya seperti penyata bank syarikat bagi 3 bulan terakhir, jadual harga mengikut sajian, senarai bahan kering yang digunakan bersama jenama, skim perkhidmatan pekerja, salinan sijil perakuan pendaftaran kontraktor dan undang-undang tubuh syarikat. Ia bagi membuktikan syarikat mempunyai keupayaan kewangan, berpengalaman, berdaftar dan mendapat kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan. Selanjutnya, setelah tender dibuka di pusat yang telah ditetapkan oleh JPN, urus setia yang terdiri daripada pegawai BPPA; wakil sekolah yang dilantik serta pegawai JPN akan memproses kemasukan data petender ke komputer. Antara maklumat yang dimasukkan dalam format yang disediakan oleh BPPA di peringkat ini adalah nama sekolah, daerah, bilangan pelajar, kod petender, alamat berdaftar dan pengalaman. Selepas diproses di peringkat ini, *softcopy* maklumat dibawa balik ke BPPA untuk dianalisis dan dilengkapkan dengan maklumat seterusnya seperti purata harga tawaran; kontraktor semasa yang sedang melaksanakan perkhidmatan; prestasi dan kedudukan kewangan; anggaran harga jabatan, markah Jawatankuasa Penilaian Kewangan; markah Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan jumlah markah. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Integriti proses kemasukan dan penyimpanan data serta penyediaan Laporan Kertas Makluman Lembaga Perolehan bagi perkhidmatan BMB adalah diragui. Ini kerana komputer riba/komputer yang menyimpan data tender boleh diakses oleh semua pegawai yang terlibat di peringkat BPPA di mana kawalan melalui penggunaan kata laluan tidak diwujudkan. Keadaan ini menyebabkan maklumat tender boleh diubah oleh pegawai yang tidak berkenaan tanpa kebenaran.

b. Syarikat yang menyertai tender/sebut harga bagi BMB dikehendaki antara lain mengemukakan penyata bank bagi 3 bulan terakhir dan profil syarikat. Maklumat ini digunakan oleh Jawatankuasa Penilaian Kewangan dan Teknikal untuk menilai kemampuan syarikat khususnya berkenaan kekukuhan kewangan syarikat. Semakan Audit di SSM bagi mengesahkan keupayaan 16 syarikat Sdn. Bhd. mendapati 4 syarikat menunjukkan kedudukan kewangan yang tidak kukuh seperti mengalami kerugian dan 6 syarikat tidak mengisytiharkan maklumat kewangan tahunan syarikat. Namun kesemua syarikat ini telah ditawarkan tender perkhidmatan BMB.

36.5.2.2. Mengikut Arahan Perbendaharaan 205, Kementerian hendaklah menyimpan dokumen kontrak selepas sesuatu kontrak ditandatangani dan dalam tempoh 14 hari, salinan dokumen kontrak hendaklah dihantar kepada Akauntan Negara/Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri. Selain itu, pihak BPPA juga telah mensyaratkan bahawa salinan dokumen kontrak hendaklah dibuat sebanyak 5 salinan dan diedarkan antaranya kepada BPPA, JPN dan sekolah. Semakan Audit mendapati pihak BPPA, JPN dan sekolah tidak menyimpan dokumen kontrak dengan lengkap menyebabkan sukar untuk mendapatkan salinan dokumen kontrak dengan cepat. Sebanyak 3 kontrak iaitu yang dilaksanakan oleh Pemborong Akal Sdn. Bhd.; Seri Perdana Enterprise dan Dabas Enterprise bagi tempoh kontrak tahun 2007 hingga 2009 tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit. Mengikut pegawai BPPA, pihaknya tidak dapat mengesan kontrak di

dalam simpanan di stor BPPA. Manakala mengikut pihak sekolah, dokumen kontrak tidak dapat dikemukakan kerana mereka tidak menerima sesalinan kontrak BMB yang sedang berkuat kuasa.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Satu kajian menyeluruh sedang dibuat dalam mengenal pasti kelemahan dan cadangan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan segera bagi tujuan memantapkan keseluruhan pengurusan tender/pentadbiran kontrak di Kementerian.

Pada pendapat Audit, tahap integriti terhadap kawalan proses kemasukan dan penyimpanan data petender dalam format komputer dan penyimpanan dokumen kontrak di peringkat Kementerian/JPN dan sekolah adalah kurang memuaskan. Kementerian disarankan mempertingkatkan lagi sistem dan kawalan terhadap proses kemasukan data petender dan menyemak kedudukan kewangan syarikat dengan SSM serta memperkemaskan penyimpanan dokumen kontraknya.

36.5.3. Syarat Kontrak Tidak Dipatuhi

Kontraktor hendaklah melaksanakan perkhidmatan BMB mengikut syarat kontrak yang ditetapkan. Sehubungan itu, sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap kontrak, Kerajaan boleh mengambil tindakan seperti menolak perkhidmatan, menamatkan perjanjian dan melantik pihak lain, mengambil atau merampas keseluruhan atau sebahagian jumlah wang dalam Bon Pelaksanaan dan mengenakan denda pada kadar 20% daripada harga sajian sehari dan bilangan murid pada waktu sajian berdasarkan borang pesanan. Hasil semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

36.5.3.1. Spesifikasi Bahan Makanan Tidak Dipatuhi

Mengikut kontrak, kontraktor hendaklah memastikan bahan makanan seperti bahan mentah dan bahan kering yang digunakan berkualiti, halal, tidak luput tarikh guna, mengikut spesifikasi, jenama dan tertakluk kepada akta makanan yang sedang berkuat kuasa. Semakan Audit mendapati sebahagian daripada syarat kontrak ini tidak dipatuhi oleh kontraktor seperti butiran berikut:


a. Daging lembu atau ayam mestilah bermutu dan disahkan halal oleh Pihak Berkuasa manakala ikan hendaklah berada dalam keadaan segar. Semasa lawatan Audit, didapati kontraktor yang melaksanakan perkhidmatan BMB di 10 sekolah telah menggunakan bahan mentah seperti daging kerbau yang diimport dan ikan sejuk beku yang tidak segar untuk hidangan kepada murid sama ada untuk hidangan pada hari sebelumnya; pada hari lawatan Audit atau hari selepasnya. Mengikut kontraktor, mereka menggunakan daging kerbau dan ikan yang sejuk beku yang tidak segar kerana kesukaran mendapatkan bekalan bahan mentah dalam kuantiti yang banyak untuk hidangan kepada murid. Di samping itu, didapati Penyelia Asrama mengambil ringan ketidakpatuhan kontraktor membekalkan bahan mentah yang tidak mematuhi spesifikasi. Butirannya adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 36.4
BEKALAN DAGING KERBAU DAN IKAN YANG TIDAK SEGAR

SEKOLAH	KONTRAKTOR	DAGING	IKAN
Sekolah Sultan Alam Shah	Azli Enterprise	-	Sejuk Beku
SM Teknik Kuala Lumpur	Syarikat Helwangi Sdn. Bhd.		Sejuk Beku
SM Teknik ERT Setapak	Jasamaju Enterprise		Sejuk Beku

SEKOLAH	KONTRAKTOR	DAGING	IKAN
SAMT Tengku Ampuan Jemaah	Segi Seri Sdn. Bhd.	Daging Kerbau Import	
Sekolah Tun Fatimah	Feroza Enterprise	-	Sejuk Beku
SM Teknik Johor Bahru	Maz Makmur Enterprise	Daging Kerbau Import	
Madrasah Alattas Alarabiah	Perniagaan Fanalidyia	-	Sejuk Beku
SM Sains Lahad Datu	Syarikat Modal Insan Development	Daging Kerbau Import	-
SM Teknik Lahad Datu	Husbiah Enterprise	Daging Kerbau Import	
SM Teknik Tawau	Tengku Enterprise	Daging Kerbau Import	

GAMBAR 36.7



Sekolah Sultan Alam Shah, W.P. Putrajaya
- Ikan Sejuk Beku Yang Diimport
Disimpan Di Bilik Sejuk
(23.08.2011)

GAMBAR 36.8



SM Teknik Kuala Lumpur, W.P. Kuala Lumpur
- Ikan Sejuk Beku Sedang Dinyahbeku
Untuk Dimasak Pada Hari Tersebut
(16.11.2011)

GAMBAR 36.9



SM Teknik ERT Setapak, W.P. Kuala Lumpur
- Ikan Sejuk Beku Untuk Dimasak
Pada Hari Lawatan Audit
(15.11.2011)

GAMBAR 36.10



Sekolah Tun Fatimah, Johor
- Ikan Sejuk Beku Dalam Peti Sejuk
(18.10.2011)

GAMBAR 36.11



Madrasah Alattas Alarabiah, Johor
- Ikan Sejuk Beku Dalam Peti Sejuk
(20.10.2011)

GAMBAR 36.12



SM Teknik Johor Bahru, Johor
- Daging Kerbau Sejuk Beku Yang Diimport
(21.10.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Kontraktor memaklumkan sukar mendapatkan bekalan bahan mentah dalam kuantiti yang banyak dan pihak sekolah juga mengakui kelemahan Penyelia Asrama dalam memastikan pihak kontraktor mematuhi terma dan syarat yang termaktub di dalam kontrak yang telah disetujui terima. Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan untuk menyiasat perkara ini.

b. Penyelia Asrama adalah bertanggungjawab memastikan kuantiti item bahan mentah yang telah diproses ditimbang secara rambang untuk memastikan bahan mentah tersebut mematuhi sukatan yang ditetapkan. Kuantiti/sukatan makanan yang perlu dibekalkan bagi setiap pelajar pada setiap kali hidangan hendaklah ditimbang sebelum dimasak. Pemerhatian Audit terhadap amalan sukatan bahan mentah yang telah siap diproses sebelum dimasak di 30 sekolah yang dilawati mendapati:

i. Penyelia Asrama di 6 sekolah tidak menimbang bahan mentah yang siap diproses untuk dimasak kerana sekolah tiada alat penimbang/penimbang rosak dan pihak kontraktor tidak menyediakannya. Selain daripada faktor kontraktor tidak menyediakan alat timbangan, penyelia dan pihak pengurusan sekolah juga kurang peka terhadap kepentingan untuk menimbang dan menyukat berat bahan mentah yang telah diproses dan dibersihkan sebelum dimasak. Akibatnya berat bahan mentah tersebut tidak dipastikan spesifikasinya sama ada telah mematuhi berat yang ditetapkan. Sekolah yang terlibat adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 36.5
SENARAI SEKOLAH YANG TIDAK MEMPUNYAI PENIMBANG / PENIMBANG ROSAK/KONTRAKTOR TIDAK MENYEDIAKAN PENIMBANG

NEGERI	NAMA SEKOLAH	PENIMBANG		CATATAN
		TIDAK ADA	ROSAK	
Selangor	Sekolah Seri Puteri	✓	-	Kontraktor baru mula beroperasi pada 01.09.2011 dan belum menyediakan alat timbang.
	SAMT Tengku Ampuan Jemaah	✓	-	Penyelia Asrama tidak peka kepada peraturan.
W.P. Kuala Lumpur	SM Sains Selangor	✓	-	Dimaklumkan alat penimbang tidak disediakan sejak kontrak baru bermula pada awal tahun 2010.
	SM Teknik Kuala Lumpur	-	✓	-
	SM Teknik ERT Setapak	-	✓	-
Terengganu	SM Sains Sultan Mahmud	✓	-	Penyelia Asrama tidak peka kepada peraturan.

ii. Semakan selanjutnya terhadap Laporan Harian Format 1/Laporan Bulanan Format 2 iaitu borang untuk merekodkan butiran mengenai terimaan bahan mentah, penerimaan sajian, pengurusan pekerja dan premis mendapati Penyelia Asrama sekolah berkenaan telah melaporkan sukatan timbangan bahan mentah yang telah diproses dan dibersihkan sebelum dimasak adalah memuaskan.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Tindakan serta-merta telah diambil dan pihak sekolah akan memastikan alat penimbang disediakan dan spesifikasi timbangan berat bahan mentah dipatuhi sepenuhnya serta mengemas kini Laporan Harian Format 1 dan Laporan Bulanan Format 2 bagi tujuan rekod dan rujukan pemantauan.

c. Mengikut kontrak, kontraktor hendaklah membekalkan bahan kering seperti beras, sardin, minyak masak, jus oren, serbuk kopi, sos cili dan susu pekat manis. Kontraktor dikehendaki memastikan stok makanan utama dan yang tahan disimpan lama dalam kuantiti yang mencukupi untuk menampung keperluan kecemasan minimum 3 hari perkhidmatan. Semasa menyertai tender, setiap kontraktor dikehendaki menyenaraikan 2 jenama setiap bahan kering yang menjadi pilihannya untuk digunakan sepanjang tempoh perkhidmatan. Senarai 25 bahan kering yang digunakan perlu dipamerkan di dinding stor mengikut jenama, spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan dalam kontrak. Semakan Audit mendapati pembekalan bahan kering tidak mematuhi syarat kontrak sepenuhnya seperti butiran berikut:

i. Kontraktor yang memberi perkhidmatan BMB di 26 sekolah yang dilawati telah gagal menyediakan sepenuhnya 25 bahan kering di stor masing-masing sepertimana yang ditetapkan dalam syarat kontrak. Sebaliknya semasa tarikh lawatan Audit, kontraktor hanya dapat menyediakan antara 11 hingga 24 item sahaja bahan-bahan kering seperti di jadual berikut:

JADUAL 36.6
KEDUDUKAN BILANGAN ITEM BAHAN KERING DALAM STOR KONTRAKTOR DI SEKOLAH

NAMA SEKOLAH	BIL. ITEM BAHAN KERING	
	ADA DALAM STOR	TIADA DALAM STOR
SM Teknik Kajang	11	14
SM Teknik Tawau	12	13
SM Teknik Kuala Lumpur SM Sains Sabah	13	12
Madrasah Alattas Alarabiah	14	11
SM Sains Selangor SM Teknik Johor Bahru SM Sains Kuala Terengganu SMA Al-Irsyadiah	15	10
Sekolah Seri Puteri SM Teknik Kuala Selangor	16	9
SAM Sungai Merab Luar SM Sains Kota Tinggi	17	8
Sekolah Tun Fatimah SM Teknik (ERT) Azizah	18	7
SM Sains Sultan Mahmud	19	6
SAMT Tengku Ampuan Rahimah SAMT Tengku Ampuan Jemaah SM Sains Lahad Datu	20	5
Sekolah Sultan Alam Shah SM Teknik ERT Setapak SAM Jeram SM Teknik Besut SM Teknik Dungun	21	4
SM Sains Johor, Kluang	22	3
SM Teknik Lahad Datu	24	1

ii. Kontraktor di 21 sekolah tidak membekalkan item bahan kering mengikut jenama, spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan dalam kontrak. Manakala pembekalan bahan kering di 4 sekolah tidak dapat ditentukan sama ada telah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan kerana tiada kontrak diikat antara Kerajaan dengan kontraktor (SM Agama (Arab) An-Nur); senarai bahan kering tidak dipamerkan di stor dan pihak sekolah tidak menyimpan SST dan salinan kontrak (SM Imtiaz Besut dan SM Imtiaz Dungun) serta sekolah tiada stor (SMA Islamiah Tawau). Butiran ketidakpatuhan berkenaan penggunaan item bahan kering mengikut sekolah adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 36.7
SENARAI BAHAN KERING YANG TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

NEGERI	SEKOLAH	BAHAN KERING	JENAMA	
			DITETAPKAN DALAM KONTRAK	DIBEKAL
Sabah	SMA Al-Irsyadiah	a) Bijirin b) Beras c) Sardin d) Kicap e) Minyak Masak f) Serbuk Kopi g) Minuman Coklat h) Sos Cili i) Sos Tiram j) Susu Pekat Manis	a) Horlicks/Nestle b) Nasional/Cap Rama2 c) King Cup/Kina d) Falcon/Twinine e) Buruh/Knife f) Tenom/Pagoda g) Milo/Ovaltine h) Falcon/Twinine i) Falcon/Twinine j) F&N/Junjung	a) Coco Tiger b) Was c) Sayang d) Double Nine e) Saji f) Pokok g) Vico h) Weidan i) Double Nine j) Saji
	SM Teknik Tawau	a) Bijirin b) Beras c) Kicap d) Minyak Masak e) Sos Cili f) Sos Tiram g) Sos Tomato	a) Coco Crunch/Nestum b) Cap Roda/Anggur c) Magic Cook/Burung Merak d) Buruh/Knife e) Magic Cook/Burung Merak f) Magic Cook/Burung Merak g) Magic Cook/Burung Merak	a) Toto Magic b) Tiada Jenama c) Mibo d) Mibo e) Mibo f) Mibo g) Mibo
	SM Teknik Lahad Datu	a) Kicap	a) Cap Kipas/Cap Ayam	a) Cap Angsa Emas
	SM Sains Lahad Datu	a) Bijirin b) Beras c) Kicap d) Sos Cili	a) Nestle/Kellogg's b) Cap Roda Super Siam c) Mto Kicap/Cap Ayam d) Mto Cilo/Maggi	a) Magic Tiger b) Pilihanku c) Magic Cook d) Turinine
	SM Sains Sabah	a) Bijirin b) Jus Oren c) Beras d) Minyak Masak e) Sos Cili	a) Nestle/Kellogg's b) Ria/Red Horse c) Cap Roda/Cap Anggur d) Sri Murni/Vesawit e) Maggi/Twinine	a) Zoe Life b) Tanim c) Beras Super VWR d) Ikan Todak/Buruh e) Double Nine
Johor	SM Teknik Johor Bahru	a) Beras b) Serbuk Kopi	a) Jasmine/Rambutan b) Hang Tuah/Berlian	a) Cap Masjid b) Cap Masjid
	Madrasah Alattas Alarabiah	a) Jus Oren b) Minyak Masak c) Serbuk Kopi d) Sos Cili e) Susu Pekat Manis	a) Magnolia/Freshie b) Saji/Murni c) Masjid/Apollo d) Jalen/Bumi Hijau e) Marigold/Champ	a) Sunquick b) Winner c) 888 d) Mamas e) F&N
	SM Sains Kota Tinggi	a) Minyak Masak	a) Seri Hijau/Saji	a) Buruh
	Sekolah Tun Fatimah	a) Jus Oren	a) Sunquick/Jalen	a) Double Lion
	SM Teknik (ERT) Azizah	a) Sos Tomato b) Sos Tiram c) Minyak Masak	a) Jalen/Bumi Hijau b) Jalen/Bumi Hijau c) Buruh/Pisau	a) Emas b) Emas c) Maslee
Terengganu	SM Teknik Dungun	a) Kicap b) Serbuk Kopi	a) Kipas Udang/Tiga Rasa b) Cap Gajah/Apple	a) Habhal's b) Lianhuat Co
	SM Sains Kuala Terengganu	a) Biskut b) Kicap	a) Jagung Cracker/Hwa Tai b) Tamin/Mestika	a) Shoon Fat Biscutis b) Kicap Pekat Zamrud
Selangor	SAM Jeram	a) Biskut b) Jus Oren c) Kaya d) Mentega e) Sos Cili	a) Kong Guan/Hwa Tai b) Feel Fresh/Ceres c) King Pandan/Sofia d) Daisy/Planta e) Maggi/Sofia	a) Hup Seng b) Sunquik c) Global Mas d) Bunga Mas e) Puteri
	SAMT Tengku Ampuan Jemaah	a) Minyak Masak b) Jus Oren c) Sos Tiram	a) Saji/Angsa Mas b) Freshie/Marigold c) Puteri/Nona	a) Keris b) Sunquick c) Mahsuri
	SAM Sg. Merab Luar	a) Jus Oren b) Sosej	a) Green Hill/Freshie b) Ramly/Farm Best	a) Sunquick b) Pelangi
	SM Teknik Kajang	a) Kopi	a) Hang Tuah/Belian	a) Masjid
	SM Teknik Kuala Selangor	a) Jus Oren b) Mentega	a) Peel Fresh/Ceres b) Daisy/Planta	a) Sunquick b) Pelangi
	Sekolah Seri Puteri	a) Daging Burger b) Sos Tomato	a) Peladang/Farmbest b) Kimball/Mahsuri	a) Ramly b) Maggi
W.P. Kuala Lumpur/ Putrajaya	SM Teknik Kuala Lumpur	a) Jus Oren b) Beras c) Sos Cili d) Sos Tiram	a) Marigold/Sunkist b) Primuim Tiga Tujuh/Apolo c) Kimball/Suria d) Tamin/Adabi	a) Sunquick b) Beras Super c) Besmak d) Mahsuri
	SM Teknik ERT Setapak	a) Jus Oren	a) Freshie/Magnolia	a) Sunquick
	Sekolah Sultan Alam Shah	a) Minyak Masak b) Kopi c) Teh	a) Saji b) Kapal Api c) Boh	a) Wau b) Boxing c) Istana

iii. Jawatankuasa Teknikal telah meluluskan penggunaan bahan kering yang disenaraikan di Lampiran Tawaran Teknikal oleh kontraktor walaupun item yang disenaraikan itu langsung tidak mempunyai tanda halal. Contoh sekolah dan bahan kering adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 36.8
BAHAN KERING DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA TEKNIKAL WALAUPUN TIDAK MEMPUNYAI TANDA HALAL

NAMA SEKOLAH	KOPI	JUS OREN
SAM Jeram	-	Ceres
SM Teknik ERT Setapak	Cap Kapal Api	-
SM Teknik Kuala Selangor	-	Ceres
SM Sains Johor, Kluang	Cap Kapal Api	-
SM Sains Kota Tinggi	Cap Kapal Api	-
SM Sains Selangor	Cap Taj Mahal	-
SM Teknik (ERT) Azizah	Cap Kapal Api	-
SM Teknik Kuala Lumpur	Cap Boxing	-

GAMBAR 36.13



SM Teknik Kuala Selangor, Selangor
- Minuman Jus Yang Diluluskan Oleh Jawatankuasa Teknikal Walaupun Tidak Mempunyai Tanda Halal (14.11.2011)

GAMBAR 36.14



SM Sains Johor, Kluang, Johor
- Serbuk Kopi Yang Diluluskan Oleh Jawatankuasa Teknikal Walaupun Tidak Mempunyai Tanda Halal (18.10.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Pihak Kementerian telah memberi peringatan terhadap ketidakpatuhan kontraktor dalam menyediakan sepenuhnya 25 bahan kering di stor dan item kering yang tidak mengikut jenama, spesifikasi dan kualiti yang mana juga telah dimaklumkan secara lisan/bertulis oleh pihak sekolah. Tindakan sewajarnya juga telah diambil oleh kontraktor dalam memastikan teguran ini tidak berulang lagi di masa hadapan. Pihak pentadbiran sekolah juga akan memastikan pemantauan secara berterusan dilakukan bagi mengawal selia pematuhan kontraktor terhadap pematuhan kontrak ini. Manakala perkara berkenaan bahan-bahan bermutu dan HALAL telah jelas dinyatakan di dalam Borang Tender "Makanan hendaklah disediakan dengan menggunakan bahan-bahan bermutu dan HALAL serta tertakluk kepada Akta Makanan dan peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa".

iv. Pemeriksaan Audit pada 15 November 2011 di stor bahan kering di SM Teknik ERT Setapak mendapati sos tiram dan tomato telah luput tarikh guna pada 2 September 2011, 17 Ogos 2011 dan 19 September 2011, namun masih lagi disimpan di stor berkenaan. Manakala semasa lawatan Audit di SAM Sungai Merab Luar pada 10 November 2011 mendapati mentega jenama Daisy telah luput tarikh pada 23 Oktober 2011 masih lagi berada di stor ini. Di SM Sains

Johor, Kluang pula, lawatan Audit pada 18 Oktober 2011 mendapati sos tomato dalam botol plastik yang telah luput tarikh guna pada 19 Jun 2011 masih berada dalam stor. Gambar berikut menunjukkan contoh bahan makanan yang telah luput tarikh guna.

GAMBAR 36.15



GAMBAR 36.16



SM Teknik ERT Setapak, W.P. Kuala Lumpur
- Sebahagian Sos Tomato Dalam Tin Yang Telah Luput Tarikh Guna
Pada 17.08.2011 Masih Diletakkan Di Stor Bahan Kering
(15.11.2011)

GAMBAR 36.17



GAMBAR 36.18



SM Sains Johor, Kluang, Johor
- Sebahagian Sos Tomato Dalam Botol Plastik Yang Telah Luput Tarikh Guna
Pada 19.06.2011 Masih Diletakkan Di Stor Bahan Kering
(18.10.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Teguran ini telah diambil tindakan serta-merta oleh pihak pentadbiran sekolah dan pihak kontraktor yang berkenaan. Peringatan juga diberikan kepada pihak kontraktor bagi memastikan kualiti dan kuantiti bahan yang dibekalkan adalah terjamin serta mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

d. Mengikut syarat kontrak, minyak masak hendaklah dibekalkan dalam tin atau botol bermetri dan apabila digunakan untuk menggoreng hanya dibenarkan untuk digunakan sekali sahaja. Lawatan Audit di Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru mendapati kontraktor menggunakan minyak masak yang diisi dalam botol minyak terpakai. Selain itu, empat kontraktor iaitu bagi Sekolah Sultan Alam Shah, W.P. Putrajaya, SM Sains Sabah, SM Teknik Kuala Lumpur dan SM Imtiaz Besut, Terengganu menggunakan minyak masak dalam paket. Semakan Audit selanjutnya mendapati jenama minyak masak yang disenaraikan di Lampiran Teknikal kepada kontrak BMB adalah minyak masak jenis dalam paket dan telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Teknikal. Penetapan dalam Lampiran Teknikal ini adalah bercanggah dengan kontrak utama BMB. Sebagai contoh, minyak masak berjenama Keris, Cap Daun dan Cap Buah-buahan. Contoh penggunaan minyak masak dalam paket dan diisi semula dalam botol adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 36.19



SM Imtiaz Besut, Terengganu
- Minyak Masak Dalam Paket
(19.07.2011)

GAMBAR 36.20



SM Sains Sabah, Sabah
- Minyak Masak Dalam Paket
(20.09.2011)

GAMBAR 36.21



Sekolah Sultan Alam Shah, W.P. Putrajaya
- Minyak Masak Dalam Paket
(23.08.2011)

GAMBAR 36.22



SM Teknik Kuala Lumpur, W.P. Kuala Lumpur
- Minyak Masak Dalam Paket
(16.11.2011)

GAMBAR 36.23



GAMBAR 36.24



SM Sains Selangor, W.P. Kuala Lumpur
- Minyak Masak Dalam Paket Dan Minyak Masak Yang Dimasukkan Dalam Botol Terpakai Yang Tidak Bertutup
(03.11.2011)

GAMBAR 36.25



Sekolah Tun Fatimah, Johor
- Minyak Masak Yang Diisi Dalam Botol Terpakai Dan Disimpan Di Bawah Rak Yang Kotor
(18.10.2011)

GAMBAR 36.26



Sekolah Tun Fatimah, Johor
- Penyapu, Kasut Pekerja Dan Bahan Pencuci Berdekatan Minyak Masak
(18.10.2011)

e. Didapati juga hampir kesemua kontraktor ada menggunakan bahan perasa makanan yang tidak digalakkan dalam penyediaan makanan dan minuman di sekolah. Contoh bahan perasa yang digunakan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 36.27



SM Teknik Kajang, Selangor
- Bahan Perasa Yang Tidak Digalakkan
(01.11.2011)

GAMBAR 36.28



SM Sains Sabah, Sabah
- Bahan Perasa Yang Tidak Digalakkan
(20.09.2011)

GAMBAR 36.29



Sekolah Tun Fatimah, Johor
- Bahan Perasa Minuman
(18.10.2011)

GAMBAR 36.30



SM Sains Johor, Kluang, Johor
- Bahan Perasa Minuman
(18.10.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Pihak Kementerian mengambil perhatian serius dan tindakan penambahbaikan akan dilaksanakan segera. Mengikut maklum balas Kementerian lagi, menggunakan minyak masak yang diisi di dalam botol minyak terpakai merupakan satu tindakan penipuan oleh pihak kontraktor yang dikesan semasa pengauditan dijalankan. Pihak kontraktor telah diberikan peringatan tegas bagi memastikan perkara ini tidak berulang lagi. Pihak sekolah telah membuat teguran kepada pihak kontraktor berkenaan kawalan penggunaan bahan serta perasa makanan yang tidak digalakkan di dalam penyediaan makanan dan minuman di sekolah.

f. Pengetua hendaklah memastikan kontraktor mengawal kebersihan bahan makanan dengan memastikan penyediaan makanan dilakukan di dapur asrama sekolah. Sekiranya tempat memasak tidak disediakan di kawasan sekolah, kontraktor boleh memasak di tempat sendiri. Penyediaan makanan hendaklah disediakan dalam tempoh 15 minit sebelum waktu makan dan makanan yang telah siap dimasak hendaklah disimpan dalam bekas bertutup dan diletakkan di tempat yang selamat. Pengetua hendaklah mendapatkan nama pembekal yang membekal makanan (kuih-kuih) yang tidak disediakan di dapur asrama sekolah dan melaporkannya kepada Pejabat Kesihatan untuk tindakan selanjutnya. Selain itu, kontraktor juga dikehendaki membersihkan dan mencuci peralatan yang diguna oleh murid. Pemeriksaan Audit mendapati:

   i. Kontraktor di sekolah yang dilawati menyajikan kuih muih yang diperolehi dari pembekal luar bagi minum petang kecuali kontraktor di Sekolah Tun Fatimah yang menggunakan kuih sejuk beku (tiada tarikh luput) dan SM Sains Sabah yang disediakan sendiri oleh tukang masak. Bagaimanapun, Pengetua tidak mendapatkan nama pembekal dan melaporkan kepada Pejabat Kesihatan bagi tujuan pemantauan seperti yang disyaratkan.

ii. SMA Islamiah Tawau tidak mempunyai dapur untuk kontraktor menyedia dan memasak hidangan. Oleh itu, kontraktor terpaksa memasak makanan di kantin SM Teknik Tawau yang jaraknya beberapa kilometer dari sekolah SMA Islamiah. Kontraktor juga terpaksa menyediakan hidangan makanan untuk SMA Islamiah lebih awal iaitu lebih kurang 4 jam sebelum masa menghidangkan yang ditetapkan. Contohnya, makanan untuk minum petang disediakan bersekali dengan hidangan tengah hari manakala makanan untuk minum malam disediakan bersekali dengan hidangan makan malam. Bagaimanapun, amalan ini dibuat tanpa kebenaran daripada Pengetua sekolah tersebut. Semakan Audit juga mendapati di SM Sains Selangor, hidangan makanan waktu rehat disediakan setengah jam awal dan tidak bertutup. Selain itu, pihak Audit mendapati kontraktor di SMA Islamiah dan SM Teknik Lahad Datu tidak membersihkan peralatan yang diguna oleh murid. Sehubungan itu, murid terpaksa membasuh peralatan makan mereka sendiri. Aktiviti penyediaan makanan yang dimaksudkan adalah seperti ditunjukkan di gambar berikut:

GAMBAR 36.31



Sekolah Tun Fatimah, Johor
- Kuih Sejuk Beku Yang Digunakan Untuk Hidangan Minum Petang
(18.10.2011)

GAMBAR 36.32



SM Sains Sabah, Sabah
- Kuih Yang Disediakan Oleh Tukang Masak Untuk Hidangan Minum Petang
(20.09.2011)

GAMBAR 36.33



SMA Islamiah Tawau, Sabah
- Hidangan Minum Malam (Supper) Disediakan Bersama Dengan Makan Malam
(23.09.2011)

GAMBAR 36.34



SM Sains Selangor, W.P. Kuala Lumpur
- Hidangan Makanan Waktu Rehat Disediakan Setengah Jam Awal Dan Tidak Bertutup
(03.11.2011)

GAMBAR 36.35



SM Teknik Lahad Datu, Sabah
- Murid Membasuh Sendiri Peralatan Makan
(25.09.2011)

GAMBAR 36.36



SMA Islamiah Tawau, Sabah
- Murid Membasuh Sendiri Peralatan Makan
(23.09.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Pihak sekolah berkenaan telah mengambil tindakan dengan mendapatkan maklumat pengeluar pembekal berkenaan dan memantau selia kualiti penyediaan/sajian makanan berkenaan bagi memastikan kualiti/mutu sajian adalah terjamin. Di SMA Islamiah Tawau, pihak sekolah akan memastikan kualiti serta mutu sajian hidangan adalah terjamin dan akan dikawal selia secara berterusan. Di SM Sains Selangor, Kuala Lumpur, pihak sekolah telah mengambil tindakan dengan memantau selia kualiti penyediaan/sajian makanan berkenaan bagi memastikan kualiti/mutu sajian adalah terjamin. Di SMA Islamiah Tawau dan SM Teknik Lahad Datu, pihak sekolah memaklumkan bahawa rutin murid membasuh peralatan makan sendiri adalah salah satu mekanisme mendidik disiplin murid. Walau bagaimanapun, pihak sekolah akan memastikan aktiviti tersebut dikawal selia oleh pihak kontraktor dan pihak sekolah bagi memastikan keselamatan serta tahap kebersihan sentiasa terjamin.

Pada pendapat Audit, tahap pematuhan Kontraktor kepada syarat kontrak khususnya terhadap spesifikasi bahan makanan adalah kurang memuaskan. Ini menyebabkan bahan makanan mentah dan kering yang dibekalkan tidak memenuhi kualiti, kuantiti dan menimbulkan keraguan terhadap faktor halal, kesegaran, khasiat dan kebersihannya. Kementerian perlu mengatasi kelemahan tersebut dengan memastikan kontraktor mematuhi sepenuhnya syarat kontrak bagi menjamin murid mendapat makanan yang berkhasiat, berkualiti, halal dan bersih.

36.5.3.2. Perubahan Dan Modifikasi Pesanan Perkhidmatan

Mengikut syarat kontrak, kontraktor hendaklah menyedia makanan dengan mematuhi bahan-bahan (bahan mentah dan bahan kering) yang ditetapkan dalam 28 menu Kementerian iaitu mengikut menu harian yang berbeza selama 28 hari untuk disajikan kepada murid. Sebarang perubahan atau modifikasi terhadap perkhidmatan hendaklah dibuat dengan persetujuan bertulis antara Kerajaan dan kontraktor. Kontraktor tidak dibenarkan menukar menu kecuali pertukaran diberitahu 24 jam lebih awal, dengan sebab-sebab yang munasabah dan dipersetujui oleh Pengetua sekolah. Pesanan perkhidmatan akan dibuat oleh pihak sekolah secara bertulis dengan menggunakan borang pesanan dalam tempoh 48 jam sebelum tarikh, masa dan tempoh perkhidmatan dikehendaki. Sebarang pindaan pesanan perkhidmatan oleh kontraktor yang kurang daripada 48 jam adalah tidak dibenarkan. Semakan Audit di 30 sekolah mendapati perkara seperti berikut:

a. Pertukaran spesifikasi bahan dan menu yang dibuat di 8 sekolah tidak mendapat kelulusan Pengetua terlebih dahulu di mana bahan dan cara makanan disediakan telah diubah seperti ikan siakap tiga rasa diganti dengan ayam goreng atau nanas diganti dengan tembikai merah. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 36.9**. Mengikut pihak kontraktor, pertukaran spesifikasi ini adalah disebabkan bahan makanan bagi menyediakan menu yang ditetapkan tiada dalam pasaran pada hari tersebut. Adalah diperhatikan juga Penyelia Asrama tidak memainkan peranan untuk memastikan kontraktor mematuhi syarat kontrak dan mendapatkan kelulusan Pengetua sekolah terlebih dahulu sebelum menukar menu.

JADUAL 36.9
KONTRAKTOR MEMBUAT PERUBAHAN SPESIFIKASI BAHAN/MENU TANPA KELULUSAN PENGETUA SEKOLAH

NAMA SEKOLAH	TARIKH LAWATAN AUDIT	MENU	BAHAN MAKANAN DISEDIAKAN	
			SEPATUT	SEBENAR
SM Sains Kuala Terengganu	26.07.2011	Makan Tengah Hari	Ikan Siakap Tiga Rasa	Ayam Goreng
SM Teknik Tawau	23.09.2011	Sarapan Pagi	i) Bihun Goreng Putih Dengan Sayur Sawi, Daun Sup Dan Cili Potong ii) Tembikai Susu	i) Bihun Goreng Putih ii) Buah Limau
Sekolah Tun Fatimah	18.10.2011	Makan Malam	Ikan Kembung Kukus	Ikan Kembung Goreng
SM Teknik (ERT) Azizah	20.10.2011	Makan Tengah Hari	Ikan Selar	Ikan Pelaling
SM Teknik Johor Baru	21.10.2011	Makan Tengah Hari	Nenas	Tembikai Merah
Sekolah Seri Puteri	28.10.2011	Makan Tengah Hari	Nenas	Tembikai Merah
SM Teknik ERT Setapak	15.11.2011	Makan Malam	Ikan Kerisi	Ikan Pelaling
SM Teknik Kuala Lumpur	16.11.2011	Makan Tengah Hari Dan Malam	Ayam	Ikan Tenggiri

b. Adalah didapati di semua sekolah berlaku pesanan perkhidmatan BMB yang dibuat lebih awal dari tempoh yang sepatutnya iaitu 48 jam (2 hari) sebelum tarikh, masa dan tempoh perkhidmatan dikehendaki. Ada antara sekolah berkenaan yang membuat pesanan terlalu awal iaitu 2 minggu sebelum tarikh penyediaan makanan. Berikut diberikan contohnya:

JADUAL 36.10
CONTOH PESANAN PERKHIDMATAN YANG DIBUAT LEBIH AWAL

NAMA SEKOLAH	TARIKH LAWATAN	TARIKH PESANAN DIBUAT	TARIKH PESANAN DILAKSANAKAN	PESANAN AWAL (Hari)
SM Teknik Kuala Lumpur	16.11.2011	11.11.2011	15.11.2011	2
SM Sains Selangor	03.11.2011	19.08.2011	23.08.2011	2
SM Imtiaz Dungun	19 - 20.07.2011	08.06.2011	12.06.2011	2
SM Teknik Kuala Selangor	14 - 15.11.2011	11.11.2011	15.11.2011	2
SAMT Tengku Ampuan Jemaah	02.11.2011	24.08.2011	09.09.2011	14
SM Teknik Kajang	01.11.2011	21.10.2011	31.10.2011	8
SM Sains Johor, Kluang	18.10.2011	05.09.2011	10.09.2011	3

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Pihak pentadbiran sekolah telah dimaklumkan supaya mematuhi sepenuhnya peraturan dan tatacara pengurusan kontrak yang telah disediakan di dalam Mesyuarat Penyelarasan Maklum Balas Pemerhatian Audit. Kelemahan dalam pelaksanaan kawalan selia/pemantauan terhadap kualiti perkhidmatan pihak kontraktor juga akan ditambah baik dari semasa ke semasa dengan kerjasama Bahagian (BPSBPSK, BPTV dan BPI) dan JPN.

Pada pendapat Audit, kawalan terhadap perubahan dan modifikasi pesanan perkhidmatan BMB adalah kurang memuaskan dan pihak pentadbiran sekolah tidak melaksanakan tatacara yang ditetapkan dengan sepenuhnya. Kementerian perlu memastikan Pengetua dan Penyelia Asrama mengawal setiap perubahan dan pertukaran spesifikasi bahan dan menu makanan oleh kontraktor supaya murid dapat menikmati makanan yang berkualiti. Ia juga bagi memastikan kontraktor tidak mengambil kesempatan dengan hanya membekalkan bahan makanan yang berharga rendah dan mudah diperoleh di pasaran.

36.5.3.3. Pekerja Kontraktor

Kontraktor yang telah dilantik oleh Kerajaan bagi menjalankan perkhidmatan BMB perlu mematuhi syarat kontrak yang telah ditetapkan termasuklah dalam hal yang berkaitan dengan pekerja. Pekerja merupakan mana-mana orang yang diambil bekerja secara tetap, sementara atau kontrak oleh kontraktor bagi melaksanakan perkhidmatan BMB di sekolah. Pemeriksaan Audit mendapati beberapa syarat kontrak tidak dipatuhi antaranya berkaitan dengan umur pekerja; laporan dan pemeriksaan kesihatan pekerja; keperluan peralatan dan kelengkapan pekerja serta kebersihan diri dan tempat tinggal pekerja. Butirannya adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 36.11
SYARAT KONTRAK BERKAITAN DENGAN PEKERJA YANG TIDAK DIPATUHI

SYARAT KONTRAK YANG TIDAK DIPATUHI	BIL. SEKOLAH TERLIBAT
Pekerja hendaklah warganegara Malaysia.	9
Umur pekerja tidak melebihi 55 tahun dan hendaklah mengemukakan laporan kesihatan daripada Hospital Kerajaan.	3
Pekerja hendaklah mendapat suntikan *typhoid* dan tidak tamat tempoh sah suntikan sebelumnya.	11
Pekerja hendaklah memakai pakaian seragam, apron, penutup kepala, penutup mulut, sarung tangan, tanda nama dan lain-lain kelengkapan yang diperlukan semasa melaksanakan perkhidmatan.	20
Pekerja menginap di dalam kawasan sekolah dengan kebenaran pihak sekolah dan tinggal tidak melebihi bilangan yang dibenarkan (2 orang).	8
Pekerja tidak dibenarkan merokok di sekitar dewan makan.	1

GAMBAR 36.37



Sekolah Sultan Alam Shah, W.P. Putrajaya
- Pekerja Tidak Memakai Pakaian Seragam Lengkap
(23.08.2011)

GAMBAR 36.38



SM Imtiaz Dungun, Terengganu
- Pekerja Tidak Memakai Pakaian Seragam Lengkap
(19.07.2011)

GAMBAR 36.39



SM Teknik Dungun, Terengganu
- Pekerja Tidak Memakai Sarung Tangan Ketika Menghidangkan Makanan
(23.07.2011)

GAMBAR 36.40



SMT (ERT) Azizah, Johor
- Pekerja Tidak Memakai Sarung Tangan Ketika Menghidangkan Makanan
(20.10.2011)

GAMBAR 36.41



SM Sains Sabah, Sabah
- Tempat Tinggal Pekerja Di Kawasan Sekolah (Melebihi 2 Orang)
(20.09.2011)

GAMBAR 36.42



SM Teknik Tawau, Sabah
- Tempat Tinggal Pekerja Di Kawasan Sekolah (Melebihi 2 Orang)
(23.09.2011)



GAMBAR 36.43

Sekolah Seri Puteri, Selangor
- Puntung Rokok Yang Dibuang Oleh Pekerja
(27.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Pihak pentadbiran sekolah telah dimaklumkan supaya mematuhi sepenuhnya peraturan dan tatacara pengurusan kontrak yang telah disediakan di dalam Mesyuarat Penyelarasan Maklum Balas Pemerhatian Audit. Kelemahan dalam pelaksanaan kawalan selia/pemantauan terhadap kualiti perkhidmatan pihak kontraktor juga akan ditambah baik dari semasa ke semasa dengan kerjasama Bahagian dan JPN.

Pada pendapat Audit, tahap pematuhan kontraktor dan pekerja terhadap syarat kontrak adalah kurang memuaskan. Sehubungan itu, Kementerian perlu meningkatkan penyeliaan dan penguatkuasaan bagi memastikan syarat kontrak dipatuhi sepenuhnya oleh kontraktor.


36.5.3.4. Kebersihan Dan Keselamatan Dewan Makan

Mengikut syarat kontrak, kontraktor hendaklah memastikan peralatan atau alat kelengkapan bagi menyedia, memasak dan menyimpan makanan, perkakasan dewan makan dan alat kelengkapan yang diguna oleh pelajar sentiasa dibersihkan dan dicuci. Selain itu, dewan makan termasuk stor, bilik kemudahan operasi, singki, dapur, tandas dan longkang di sekeliling dewan makan juga hendaklah sentiasa bersih dan kemas manakala sisa dan lebihan makanan dilupuskan atau dibuang dalam tempoh 2 jam selepas waktu makan malam. Lawatan Audit ke dewan makan di 30 sekolah mendapati beberapa syarat kontrak mengenai kebersihan dan keselamatan dewan makan tidak dipatuhi oleh kontraktor seperti butiran di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 36.12
SYARAT KONTRAK MENGENAI KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN RUANG DAPUR DAN DEWAN MAKAN TIDAK DIPATUHI

KEADAAN SEMASA LAWATAN AUDIT	BIL.SEKOLAH TERLIBAT
A. Ruang Dapur	
- Lantai dapur kotor/licin/berair serta bertakung dalam longkang dapur/singki kotor.	5
- Tempat membancuh air kotor dan terdapat semut dalam gula/rak untuk meletak bahan makanan kotor/gelas minuman tidak bersih/berminyak/pinggan mangkuk diletak di rak terbuka.	5
- Kawah berkarat.	6
- Minyak masak tidak bertutup/rempah kurma berbau hapak.	2
- Terdapat banyak lalat di lantai dapur/bekas memproses ayam.	2
- Periuk nasi tidak dibersihkan selepas hidangan/sisa makanan tidak dibuang segera.	5
B. Dewan Makan	
- Dewan/lantai/meja makan kotor dan berhabuk/siling bocor/berlalat/alat perangkap serangga/kipas/*blind* kotor dan berhabuk.	10
- Lipas dan semut di bawah *tray buffet* makanan pelajar/pinggan makan pelajar kotor/bekas yang disediakan untuk letak pinggan selepas makan kotor.	3
- Tong plastik berisi air minuman dan gelas berminyak/air putih berkeladak serta tidak bersih.	6
- Makanan dibiarkan dan tidak bertutup.	1
C. Persekitaran Dewan Makan	
- Air bertakung/longkang kotor.	1
- Rumah sampah digunakan untuk tempat memasak/kotor kerana sampah/sisa makanan tidak dibersihkan/diangkut keluar.	8
- Koridor dapur dewan berselerak dengan kotak kosong dan apron disangkut di dinding.	1
- Tong ikan kosong dan busuk dibiarkan bersepah di luar dewan/tong sampah dibiarkan terdedah/pecah tidak diganti oleh kontraktor/ banyak lalat.	3
- Sampah di belakang dapur/rumah sampah tidak dibuang/dibersihkan dan berlalat.	3
- Terdapat kios menjual makanan bersebelahan dewan makan tidak dibersihkan.	1
D. Keselamatan	
- Pemadam api diletak di tempat yang tidak sesuai/pemadam api luput tarikh pemeriksaan/ tiada pelekat pemeriksaan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba Dan Penyelamat.	9
- Kotak/tempat letak pemadam api kosong/tiada pemadam api di dapur/dewan makan.	6
- Tiada peti pertolongan cemas/ubatan telah luput tarikh/peralatannya tidak lengkap.	7

GAMBAR 36.44



Sekolah Sultan Alam Shah, W.P. Putrajaya
- Lantai Di Dapur Tidak Dibersihkan Dan Licin
(23.08.2011)

GAMBAR 36.45



Sekolah Sultan Alam Shah, W.P. Putrajaya
- Kawah Berkarat Digunakan Untuk Memasak
(23.08.2011)

GAMBAR 36.46



Sekolah Tun Fatimah, Johor
- Kawah Berkarat Digunakan Untuk Memasak
(18.10.2011)

GAMBAR 36.47



SM Imtiaz Dungun, Terengganu
- Ayam Yang Direndam Dalam Singki Yang Kotor
(19.07.2011)

GAMBAR 36.48



SM Sains Selangor, W.P. Kuala Lumpur
- Minyak Masak Dalam Botol Yang Tidak Ditutup
(03.11.2011)

GAMBAR 36.49



SM Sains Selangor, W.P. Kuala Lumpur
- Pinggan Makan Di Rak Yang Kotor
(03.11.2011)

GAMBAR 36.50



SAMT Tengku Ampuan Rahimah, Selangor
- Meja Mekan Kotor Dan Banyak Lalat
(17.11.2011)

GAMBAR 36.51



SM Teknik Dungun, Terengganu
- Air Putih Berminyak Dan Kotor
(23.07.2011)

GAMBAR 36.52



SM Sains Selangor, W.P. Kuala Lumpur
- Air Putih Berminyak Dan Tidak Ditutup
(03.11.2011)

GAMBAR 36.53



Sekolah Tun Fatimah, Johor
- Bekas Untuk Mengisi Ikan Dibiarkan Berselerak Di Persekitaran Dewan Makan Dan Dikerumuni Lalat
(18.10.2011)

GAMBAR 36.54



SM Teknik Besut, Terengganu
- Kios Menjual Makanan Bersebelahan Dewan Makan Yang Tidak Dibersihkan
(23.07.2011)

GAMBAR 36.55



SM Teknik ERT Setapak, W.P. Kuala Lumpur
- Pemadam Api Yang Telah Luput Tarikh Pemeriksaan
(20.10.2011)

GAMBAR 36.56



SM Teknik Dungun, Terengganu
- Kotak Pemadam Api Yang Kosong
(24.07.2011)

GAMBAR 36.57



SAMT Tengku Ampuan Jemaah, Selangor
- Peti Kecemasan Yang Tidak Lengkap Dengan Ubatan
(02.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Pihak pentadbiran sekolah telah dimaklumkan supaya mematuhi sepenuhnya peraturan dan tatacara pengurusan kontrak yang telah disediakan di dalam Mesyuarat Penyelarasan Maklum Balas Pemerhatian Audit. Kelemahan dalam pelaksanaan kawalan selia/pemantauan terhadap kualiti perkhidmatan pihak kontraktor juga akan ditambah baik dari semasa ke semasa dengan kerjasama Bahagian (BPSBPSK, BPTV dan BPI) dan JPN.

Pada pendapat Audit, tahap kebersihan dan keselamatan perkhidmatan BMB di beberapa sekolah adalah tidak memuaskan. Ia berpunca daripada kegagalan kontraktor mematuhi dan melaksanakan perkhidmatannya dengan teratur dan berkesan. Selain itu, Pengetua sekolah dan Penyelia Asrama gagal menguatkuasakan syarat kontrak. Sehubungan itu, Kementerian/sekolah disyorkan supaya tidak bertolak ansur dengan isu kebersihan dan keselamatan dapur, dewan makan dan persekitarannya serta mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor atas kegagalan mereka mematuhi syarat kontrak. Ini bagi mengelakkan kejadian keracunan makanan serta menjamin murid mendapat makanan yang berkualiti, berzat, bersih dan halal.

36.5.4. Pemantauan Perkhidmatan Bekalan Makanan Bermasak

Selaras dengan usaha Kementerian untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan perkhidmatan BMB di semua peringkat iaitu JPN, PPD dan Sekolah, Kementerian telah mengeluarkan Pekeliling Bahagian Pembangunan Dan Bekalan Kementerian Pendidikan Bil. 2 Tahun 1994 (Panduan Pelaksanaan Kontrak BMB Di Sekolah-sekolah Berasrama) dan Garis Panduan Perolehan Bil. 6 Tahun 2008 (Pematuhan Kontrak Perkhidmatan Bekalan Makanan Bermasak Di Asrama Sekolah) bagi membantu pihak pentadbiran sekolah menguatkuasakan syarat kontrak. Antara lainnya, Pekeliling Bahagian Pembangunan Dan Bekalan Kementerian Pendidikan Bil. 2 Tahun 1994 menghendaki Pengetua mengadakan perbincangan dengan kontraktor mengenai prestasi perkhidmatan BMB pada setiap akhir sesi persekolahan. Minit mesyuarat perlu dihantar ke JPN (Unit HEM)/Bahagian selewat-lewatnya 2 minggu selepas mesyuarat diadakan. Selain itu, pihak sekolah juga perlu menghantar laporan/prestasi bulanan dan suku tahun ke JPN/Bahagian; melaksanakan pemantauan harian terhadap terimaan harian bahan mentah dan kering; memastikan hidangan dimasak mengikut menu dan menjalankan uji rasa makanan. Semakan Audit terhadap aspek pemantauan perkhidmatan BMB mendapati perkara berikut:

36.5.4.1. Peringkat Pentadbir Sekolah

a. Sebanyak 21 jenis borang perlu disediakan oleh pihak pentadbiran sekolah bagi melicinkan penguatkuasaan pengurusan kontak BMB. Selain dari itu, BPSBPSK juga telah mengeluarkan Buku Pengurusan Pemakanan Asrama dan Buku Standard Kualiti Asrama pada tahun 2010 sebagai panduan kepada pihak pentadbiran sekolah berasrama penuh. Bagaimanapun, semakan Audit di sekolah yang terlibat mendapati dokumen yang ditetapkan tidak digunakan sepenuhnya oleh pihak pentadbiran sekolah. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 36.13
KETIDAKPATUHAN PENGGUNAAN DOKUMEN

JENIS BORANG/LAPORAN	KETIDAKPATUHAN PENGGUNAAN DOKUMEN	BIL. SEKOLAH TERLIBAT
Laporan Harian (Format 1)	Borang yang ditetapkan tidak disediakan, sebaliknya sekolah menggunakan borang lain iaitu Kendiri 1A; tiada tandatangan pengesahan Pengetua/wakil; pengesahan oleh Penyelia Asrama di luar waktu dan hari bertugas; borang tidak lengkap.	15
Laporan Bulanan (Format 2)	Tidak disediakan secara bulanan dan menggunakan borang lain iaitu Kendiri 2.	10
Laporan Prestasi Kontraktor (Format 3)	Tidak disediakan 2 kali setahun seperti yang ditetapkan.	7
Borang Maklumat Pekerja (Format 4)	Tidak diselenggarakan dan tidak dikemas kini.	4
Rekod Maklumat Pekerja (Format 5)	Tidak diselenggarakan.	4
Laporan Perubatan (Format 6)	Tidak diselenggarakan (Laporan disediakan oleh Kontraktor).	6
Garis Panduan Penilaian Prestasi Pekerja (Format 7)	Tidak disediakan secara bulanan.	8
Daftar Pemeriksaan Bahan Mentah Kering - Mingguan (Format 9)	Tidak disediakan secara mingguan; menggunakan borang DM2 (bagi Sekolah Berasrama Penuh); borang tidak dilengkapkan dengan pengesahan tandatangan kontraktor dan Pengetua/wakil dan tarikh semakan tidak dilengkapkan/dicatat.	11
Pengurusan Premis - Panduan Jadual Pencucian (Format 10)	Jadual pencucian tidak disediakan dan dipamerkan di dewan makan sewaktu lawatan Audit.	12
Permohonan Penukaran Tukar Menu/Sajian (Format 14)	Permohonan diluluskan oleh Penyelia Asrama, bukan oleh Pengetua atau wakil yang sepatutnya; salinan borang tidak disimpan di sekolah; pertukaran dibuat secara lisan/telefon tanpa menggunakan borang; buku yang mengandungi borang disimpan oleh kontraktor.	9
Permohonan Mengganti Bahan Makanan (Format 15)	Permohonan diluluskan oleh Penyelia Asrama, bukan oleh Pengetua atau wakil yang sepatutnya; borang tidak dilengkapkan dan diluluskan oleh Pengetua/wakil yang dibenarkan; buku yang mengandungi borang disimpan oleh kontraktor.	6

b. Pihak Audit mendapati antara sebab format borang dan laporan tidak kemas kini adalah Penyelia Asrama gagal merekodkan butiran yang sepatutnya di ruangan berkenaan; sekolah hanya mempunyai seorang Penyelia Asrama yang perlu menjalankan tugas-tugas lain di sekolah dan asrama serta terdapat juga sekolah di mana jawatan Penyelia Asrama masih tidak diisi.

c. Pemantauan oleh Pengetua dan Penyelia Asrama masih kurang berkesan kerana beberapa syarat kontrak masih tidak dipatuhi oleh kontraktor khususnya berkaitan spesifikasi bahan makanan, timbangan, sukatan, kebersihan, keselamatan dan pekerja. Terdapat juga sekolah yang tidak mengadakan mesyuarat bersama kontraktor untuk membincangkan prestasi perkhidmatan BMB pada akhir setiap sesi persekolahan dan minit mesyuarat tidak dipanjangkan kepada pihak yang berkenaan.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Kelemahan dalam pelaksanaan kawalan selia/pemantauan terhadap kualiti perkhidmatan pihak kontraktor juga akan ditambah baik dari semasa ke semasa dengan kerjasama Bahagian dan JPN. Pihak pentadbiran sekolah juga telah dimaklumkan supaya mematuhi sepenuhnya peraturan dan tatacara pengurusan kontrak yang telah disediakan.

Pada pendapat Audit, pihak pentadbir sekolah perlu mematuhi penggunaan borang yang telah ditetapkan dan mengisi maklumat dengan kemas kini supaya laporan mengenai aktiviti bekalan makanan bermasak dan prestasi kontraktor dapat dinilai dan dipantau dengan berkesan. Pihak Kementerian perlu menyemak semula format-format borang yang digunakan sejak tahun 1994 dan dikemas kini bagi memudahkan pihak pentadbiran sekolah.

36.5.4.2. Peringkat Bahagian

a. BPPA ada membuat pemantauan bagi menilai prestasi kontraktor melalui Laporan Suku Tahun yang disediakannya berdasarkan Laporan Bulanan Prestasi Kontraktor yang dikemukakan oleh pihak sekolah melalui JPN. Bagaimanapun, tidak semua Laporan Bulanan Prestasi Kontraktor disediakan oleh pihak sekolah kerana JPN tidak memantau sepenuhnya penghantaran dokumen berkenaan. Pihak Audit mendapati sebahagian sekolah telah mengemukakan laporan tersebut kepada Bahagian yang berkenaan di Kementerian dan bukannya kepada JPN seperti yang ditetapkan. Selanjutnya, pihak Audit difahamkan tiada pegawai khusus di peringkat JPN yang bertanggungjawab untuk meneliti laporan prestasi kontraktor yang dikemukakan oleh pihak sekolah dan seterusnya memantau perkhidmatan kontraktor. Manakala Laporan Bulanan Prestasi Kontraktor yang diterima oleh Bahagian tidak lengkap dan tidak kemas kini serta tidak dapat dirujuk dengan berkesan bagi tujuan pemantauan prestasi kontraktor.

b. BPSBPSK telah mengadakan mesyuarat seperti Mesyuarat Pengurusan Kontrak BMB mengikut zon yang dihadiri oleh kontraktor BMB dan pengurusan sekolah; Mesyuarat Penyelia Asrama bagi Sekolah Berasrama Penuh serta membuat lawatan/pemeriksaan ke sekolah apabila mendapat aduan seperti keracunan makanan. BPSBPSK juga ada mengeluarkan panduannya sendiri berkenaan pengurusan pemakanan asrama untuk dilaksanakan oleh Sekolah Berasrama Penuh. BPTV pula didapati telah menghantar pegawainya untuk membuat pemantauan ke sekolah apabila berlaku keracunan makanan di sekolah. Bagaimanapun, BPI tidak ada menjalankan lawatan pemantauan terhadap aktiviti bekalan makanan bermasak di sekolah SABK.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012


Pihak BPPA akan memantapkan lagi perancangan pemantauan yang sedia ada dengan mengambil kira kerjasama Bahagian/JPN. Manakala BPI mengakui tiada pemantauan dilaksanakan disebabkan kekangan masa/pegawai serta instrumen/ kaedah pemantauan yang tidak mantap. Mulai tahun 2012, pihaknya akan bekerjasama dengan BPPA dan JPN untuk melaksanakan pemantauan. Kelemahan dalam pelaksanaan kawal selia/pemantauan terhadap kualiti perkhidmatan pihak kontraktor juga akan ditambah baik dari semasa ke semasa dengan kerjasama Bahagian dan JPN.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan perkhidmatan bekalan makanan bermasak adalah kurang memuaskan kerana masih banyak kelemahan dan ketidakpatuhan kepada syarat kontrak. Kementerian perlu memberi penekanan terhadap kepentingan pemantauan dan memperkemaskannya lagi untuk memastikan perkhidmatan BMB oleh Kontraktor dilaksanakan mengikut syarat kontrak.

36.5.5. Kajian Kepuasan Pelanggan

Kajian kepuasan pelanggan bertujuan untuk menilai tahap kepuasan murid terhadap prestasi perkhidmatan BMB oleh kontraktor. Pihak Audit telah mendapatkan maklum balas melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada 300 murid (10 murid di setiap 30 sekolah yang dilawati). Perkara yang diajukan antara lain adalah berkenaan dengan perihal makanan iaitu tentang kebersihan dan keenakan makanan; kebersihan peralatan dan persekitaran iaitu peralatan/bekas untuk menghidangkan makanan; peralatan untuk makan; pengudaraan dewan makan; penyediaan tong sampah dan perihal kepatuhan pekerja dewan makan mengenai kebersihan diri, pakaian dan tingkah laku. Hasil maklum balas kajian adalah seperti di carta berikut:

CARTA 36.1
TAHAP KEPUASAN PELANGGAN TERHADAP PERKHIDMATAN BMB



Nota:

1. ***Menu Makanan***
2. ***Kebersihan Makanan***
3. ***Kebersihan Peralatan***
4. ***Kebersihan Persekitaran***
5. ***Pemakaian Pakaian Seragam Oleh Pekerja Dewan Makan***
6. ***Kebersihan Diri, Pakaian Dan Tingkah Laku Pekerja Dewan Makan***

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2012

Pihak BPPA mengambil maklum perkara ini dan langkah penambahbaikan akan segera dirangka bagi memastikan teguran Audit tidak berulang lagi.

Berdasarkan penilaian murid, pihak Audit berpendapat perkhidmatan BMB yang dilaksanakan oleh kontraktor secara umumnya adalah memuaskan. Bagaimanapun, Kementerian/Bahagian/Sekolah perlu mempertingkatkan aspek penyeliaan dan penguatkuasaan supaya kontraktor mematuhi sepenuhnya syarat kontrak.

36.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perkhidmatan BMB dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang dilakukan supaya murid mendapat makanan yang berkualiti, bersih dan berkhasiat, adalah disyorkan supaya pihak terlibat mengambil langkah seperti berikut:

36.6.1. Semua perolehan Kerajaan hendaklah diikat dengan perjanjian secara teratur dan sah serta dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi menjamin kepentingan kedua-dua pihak. Kementerian hendaklah meneliti kes perolehan perkhidmatan BMB tanpa perjanjian yang sah dan mengambil tindakan terhadap mereka yang gagal mematuhi perolehan kontrak Kerajaan serta membuat bayaran tanpa perjanjian.

36.6.2. Kementerian hendaklah bertegas terhadap kontraktor yang gagal menyerahkan Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan dengan membatalkan tawaran tersebut.

36.6.3. Kementerian/Bahagian/Sekolah hendaklah mempertingkatkan aspek kawalan dan keselamatan dokumen tender, profil syarikat serta kawalan terhadap proses kemasukan data petender supaya ianya selamat, terkawal dan mudah dikesan. Selain itu, Kementerian perlu memperkemaskan pengurusan pengedaran dan penyimpanan dokumen kontraknya.

36.6.4. Kementerian hendaklah membuat semakan dengan agensi kawal selia syarikat bagi memastikan syarikat yang menawarkan tender benar-benar kukuh dari segi kedudukan kewangannya dan berwibawa serta mematuhi peraturan Akta Syarikat khususnya berkaitan status tahunan kewangan syarikat.

36.6.5. Kementerian perlu meningkatkan penyeliaan dan penguatkuasaan bagi memastikan syarat kontrak dipatuhi sepenuhnya oleh kontraktor bagi menjamin murid mendapat makanan yang berkhasiat, berkualiti, halal dan bersih. Sehubungan itu, Kementerian/ Sekolah disyorkan supaya tidak bertolak ansur dengan isu kebersihan dan keselamatan dapur, dewan makan dan persekitarannya serta mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor atas kegagalan mereka mematuhi syarat kontrak.

36.6.6. Kementerian perlu memastikan Pengetua dan Penyelia Asrama mengawal setiap perubahan dan pertukaran spesifikasi bahan dan menu makanan oleh kontraktor supaya murid dapat menikmati makanan yang berkualiti. Ia juga bagi memastikan kontraktor tidak mengambil kesempatan dengan hanya membekalkan bahan makanan yang berharga rendah dan mudah diperolehi di pasaran.

36.6.7. Sekolah hendaklah menggunakan borang yang telah ditetapkan supaya laporan berkenaan aktiviti bekalan makanan bermasak dan prestasi kontraktor dapat dinilai dan dipantau dengan berkesan. Pihak Kementerian perlu menyemak semula format borang yang digunakan sejak tahun 1994 dan dikemas kini bagi memudahkan pihak pentadbiran sekolah.

36.6.8. Kementerian perlu memberi penekanan terhadap kepentingan pemantauan dan memperkemaskannya lagi untuk memastikan perkhidmatan BMB oleh kontraktor dilaksanakan mengikut syarat kontrak.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 285-297
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

37. PENGURUSAN BEKALAN UBAT DAN BUKAN UBAT

37.1. LATAR BELAKANG

37.1.1. Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) berperanan memastikan perkhidmatan bekalan ubat dan bukan ubat atau bahan guna habis seperti topeng oksigen, jarum suntikan dan reagen dapat disediakan mencukupi bagi memenuhi keperluan hospital dan klinik. Sehubungan itu, Kementerian melalui Bahagian Perkhidmatan Farmasi bertanggungjawab memastikan pengurusan bekalan ubat di hospital dan klinik berkualiti, diterima tepat pada masanya serta diagihkan kepada pesakit/wad pada masa yang munasabah. Manakala Bahagian Perolehan Penswastaan (BP&P) pula bertanggungjawab mengendalikan urusan perolehan ubat dan bukan ubat di bawah perjanjian konsesi *Approved Price Product List* (APPL) oleh Syarikat Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd. (Syarikat Pharmaniaga), kontrak dan tender terbuka serta terlibat dalam penyediaan dan penguatkuasaan kontrak.

37.1.2. Di peringkat hospital, Jabatan Farmasi bertanggungjawab terhadap perolehan bekalan ubat dan bukan ubat. Selain perolehan melalui APPL, perolehan secara tender, sebut harga serta pembelian terus juga dilakukan. Manakala urusan penerimaan, penyimpanan, pengeluaran, pengagihan dan pelupusan bekalan ubat dan bukan ubat adalah di bawah tanggungjawab Stor Utama, Jabatan Farmasi.

37.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan bekalan ubat dan bukan ubat dibuat secara teratur, cekap, berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

37.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek perolehan, penerimaan, perekodan, penyimpanan, pengeluaran, pemantauan, pemeriksaan dan pelupusan ubat dan bukan ubat serta keselamatan stor bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 yang dilaksanakan di 4 buah hospital iaitu di Hospital Ampang, Hospital Queen Elizabeth, Hospital Pulau Pinang dan Hospital Kuala Lumpur.

37.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen dan kontrak serta perbincangan dengan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dan syarikat pembekal terhadap pengurusan bekalan ubat dan bukan ubat. Di samping itu, lawatan fizikal juga dilaksanakan ke atas stor utama dan stor unit di hospital yang terlibat.

37.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2011 mendapati pengurusan bekalan ubat dan bukan ubat adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian ialah seperti berikut:

i. penyambungan perjanjian konsesi yang sepatutnya dimuktamadkan pada 30 November 2008 hanya diselesaikan pada bulan Februari 2011;

ii. asas pengiraan bon pelaksanaan berjumlah RM45 juta tidak tepat;
iii. terma perjanjian mengenai pembangunan *Pharmaniaga Information System* (PhIS)/ *Clinic Information System* (CPS) lewat dipatuhi antara 30 hingga 240 hari;
iv. kontrak lewat ditandatangani antara 20 hingga 98 hari;
v. Bon Pelaksanaan bernilai RM1.81 juta lewat dikemukakan antara 8 hingga 88 hari;
vi. bekalan bernilai RM407,246 diterima antara 8 hingga 161 hari lebih awal daripada pesanan;
vii. bekalan bernilai RM268,897 diterima antara 3 hingga 589 hari selepas bayaran dibuat; dan
viii. ruang penyimpanan stok tidak mencukupi dan susun atur stok yang tidak teratur.

Penjelasan lanjut berhubung perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

37.5.1. Prestasi Pengurusan Bekalan Ubat Dan Bukan Ubat

Prestasi pengurusan bekalan ubat dan bukan ubat meliputi pemantauan prestasi perbelanjaan, pengagihan bekalan ubat dan bukan ubat ke stor unit, kadar pusingan stok dan nilai pelupusan.

37.5.1.1. Prestasi Perbelanjaan

Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, Kementerian telah diperuntukkan sejumlah RM4.789 bilion bagi perolehan bekalan ubat dan RM2.786 bilion bagi perolehan bekalan bukan ubat. Dalam tempoh tersebut, Kementerian telah membelanjakan keseluruhan peruntukan tersebut. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 37.1
PRESTASI PERBELANJAAN BEKALAN UBAT DAN BUKAN UBAT
BAGI TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Bilion)	PERBELANJAAN (RM Bilion)	PRESTASI PERBELANJAAN (%)
BEKALAN UBAT			
2009	1.497	1.497	100
2010	1.574	1.574	100
2011	1.718	1.718	100
JUMLAH	**4.789**	**4.789**	**100**
BEKALAN BUKAN UBAT			
2009	0.862	0.862	100
2010	0.924	0.924	100
2011	1.000	1.000	100
JUMLAH	**2.786**	**2.786**	**100**

Sumber: ***Bahagian Kewangan, Kementerian***

37.5.1.2. Pengagihan Bekalan Ubat Dan Bukan Ubat Ke Stor Unit

Pengagihan yang teratur mengikut keperluan pengguna/stor unit adalah penting bagi memastikan perkhidmatan rawatan dapat dilaksanakan dengan lancar. Semakan Audit mendapati setiap hospital mempunyai polisi/jadual pengagihan bekalan ubat dan bukan ubat yang berbeza yang menyebabkan prestasi pengagihannya kepada pengguna akhir tidak dapat ditentukan. Hospital Ampang menetapkan semua bekalan ubat dan bukan ubat dibekalkan dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh pesanan dipohon. Hospital Kuala Lumpur pula menetapkan bekalan ubat perlu dihantar dalam masa 4 hari selepas pesanan. Manakala bagi Hospital Pulau Pinang dan Hospital Queen Elizabeth pengagihan bekalan ubat adalah berdasarkan kepada jadual yang ditetapkan.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Polisi pengagihan bekalan ubat dan bukan ubat dari stor utama ke Stor Unit bagi semua hospital di Malaysia, tidak dapat diseragamkan kerana ia perlu mengikut kesesuaian fasiliti masing-masing seperti saiz dan lokasi, saiz substor, bilangan pengguna dan pegangan stor.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memastikan polisi pengagihan bekalan ubat dan bukan ubat dari Stor Utama ke Stor Unit bagi semua hospital di Malaysia diseragamkan untuk memudahkan pemantauan dibuat terhadap kecekapan perkhidmatan kesihatan awam.

37.5.1.3. Kadar Pusingan Stok

Selaras Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009, semua stor utama perlu mencapai sekurang-kurangnya 4 kadar pusingan stok dan dibuat pengiraan setiap suku tahun. Semakan Audit mendapati semua hospital telah melebihi 4 kadar pusingan stok. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 37.2
KADAR PUSINGAN STOK SETIAP TAHUN

HOSPITAL	TAHUN	JUMLAH NILAI STOK (RM)				KADAR PUSINGAN STOK e=(a) (d)
		PENGELUARAN (a)	BAKI STOK AKHIR TAHUN LEPAS (b)	BAKI STOK AKHIR TAHUN SEMASA (c)	PURATA STOK d=(b)+(c) 2	
Ampang	2009	34,256,709	10,311,918	7,147,202	8,729,560	3.92
	2010	51,175,273	7,147,202	10,923,439	9,035,321	5.66
	2011	64,269,576	10,923,439	8,328,550	9,625,995	6.68
Queen Elizabeth	2009	47,837,252	8,117,513	8,018,983	8,068,248	5.93
	2010	55,370,356	8,018,983	4,329,930	6,174,457	8.97
	2011	54,217,740	4,329,930	4,048,972	4,189,451	12.94
Pulau Pinang	2009	119,917,903	26,855,610	19,859,860	23,357,735	5.13
	2010	116,534,951	19,859,860	16,136,586	17,998,223	6.47
	2011	117,996,922	16,136,586	18,932,099	17,534,342	6.73
Kuala Lumpur	2009	147,072,009	25,302,010	21,991,670	23,646,840	6.22
	2010	139,382,692	21,991,670	23,176,517	22,584,093	6.17
	2011	152,909,841	23,176,517	17,866,154	20,521,335	7.45

Sumber: Laporan Suku Tahun Pengurusan Stok

37.5.1.4. Nilai Pelupusan

Pelupusan hendaklah dilaksanakan ke atas stok yang didapati rosak, luput tempoh penggunaan, tidak boleh digunakan, tidak diperlukan dan tidak bergerak. Semakan Audit mendapati semua hospital telah membuat pelupusan kurang daripada 1%. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 37.3
KADAR PELUPUSAN TAHUNAN

HOSPITAL	TAHUN	NILAI PELUPUSAN (RM)	NILAI STOK TAHUNAN (RM)	PELUPUSAN STOK (%)
Ampang	2009	204,591	34,256,709	0.59
	2010	-	51,175,273	-
	2011	9,897	64,269,576	0.015

HOSPITAL	TAHUN	NILAI PELUPUSAN (RM)	NILAI STOK TAHUNAN (RM)	PELUPUSAN STOK (%)
Queen Elizabeth	2009	1,307	81,127,513	0.002
	2010	-	4,329,930	-
	2011	24,100	4,048,972	0.59
Pulau Pinang	2009	18,329	23,357,735	0.08
	2010	45,917	17,998,224	0.26
	2011	10,207	17,765,340	0.06
Kuala Lumpur	2009	17,489	21,991,670	0.08
	2010	-	23,176,517	-
	2011	-	17,866,154	-

Sumber: ***Laporan Tahunan Pelupusan Stok***

Pada pendapat Audit, semua hospital yang dilawati mempunyai pengurusan kawalan stok yang cekap dan berkesan kerana pengurangan stok usang dan luput secara langsung dapat mengurangkan nilai pelupusan stok.

37.5.2. Perolehan Melalui *Approve Price Product List* (APPL)

Perjanjian konsesi bagi pembekalan item APPL yang bermula pada 1 Disember 1994 hingga 30 November 2009 merupakan perjanjian konsesi yang diadakan setelah Makmal Ubat Dan Stor diswastakan. Kriteria utama digunapakai bagi menentukan item APPL adalah item tersebut bukan dimasukkan dalam senarai kontrak Kementerian dan item dibekalkan oleh pengilang bertaraf Bumiputera serta merupakan pembekal Skim Anak Angkat. Seterusnya pada 25 Ogos 2010, kontrak tersebut telah dilanjutkan selama 10 tahun mulai 1 Disember 2009 hingga 30 November 2019 dengan terma perjanjian konsesi baru. Selaras *Appendix* 5A perjanjian konsesi baru, Syarikat Pharmaniaga perlu memastikan bekalan dapat dihantar dalam masa 7 hari bekerja di Semenanjung Malaysia dan 10 hari bekerja di Sabah dan Sarawak daripada tarikh Pesanan Tempatan diterima oleh syarikat tersebut.

37.5.2.1. Penyambungan Tempoh Kontrak

Mengikut klausa 12.2 kepada perjanjian konsesi asal, Syarikat Pharmaniaga perlu memaklumkan kepada Kerajaan tidak kurang daripada 2 tahun iaitu pada 30 November 2007 sebelum kontrak tamat sekiranya ingin melanjutkan tempoh kontrak. Sekiranya Kerajaan bersetuju rundingan mengenai syarat perjanjian baru, ia hendaklah diadakan dan perlu dimuktamadkan tidak kurang daripada 1 tahun sebelum kontrak tamat iaitu pada 30 November 2008. Semakan Audit mendapati Syarikat Pharmaniaga telah mengemukakan surat permohonan pelanjutan perjanjian konsesi pada 1 Mac 2007. Bagaimanapun, syarat perjanjian konsesi baru ini hanya dapat dimuktamadkan pada bulan Februari 2011 iaitu lewat selama 2 tahun 3 bulan.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Kementerian telah berusaha mempercepatkan penyediaan terma perjanjian konsesi baru bagi mengelakkan masalah kelewatan penguatkuasaan terma perjanjian tersebut. Antaranya, Kementerian perlu membuat persediaan spesifikasi ICT bagi pembangunan sistem PhIS dan memuktamadkan terma berkaitan ICT setelah mendapat persetujuan daripada Pihak Unit Kerjasama Awam Swasta.

Pada pendapat Audit, penyediaan terma perjanjian konsesi baru sepatutnya dimuktamadkan sebelum 30 November 2008 seperti ditetapkan.

37.5.2.2. Pengurusan Bon Pelaksanaan

Menurut peraturan, kontrak bekalan melebihi RM500,000 hendaklah dikenakan bon pelaksanaan sebanyak 5% daripada nilai kontrak. Bagi kontrak bermasa dalam tempoh 2 tahun atau lebih, kadar pengiraan bon adalah berdasarkan anggaran kontrak setahun sahaja. Bon pelaksanaan ini perlu meliputi keseluruhan tempoh kontrak dengan tempoh sah laku hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak. *Appendix* VI perjanjian konsesi lama menyatakan tempoh sah laku bon pelaksanaan tamat setelah Syarikat Pharmaniaga selesai melaksanakan obligasi perjanjian tersebut iaitu pada 30 November 2009. Berdasarkan Memorandum Jemaah Menteri pada 3 Jun 2009, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya tempoh kontrak Syarikat Pharmaniaga dilanjutkan selama 6 bulan bermula 1 Disember 2009 atau sehingga perjanjian konsesi baru ditandatangani. Oleh itu, bon pelaksanaan lama masih terpakai bagi tempoh 1 Disember 2009 hingga perjanjian konsesi baru dimuktamadkan. Selaras Klausa 6.1 perjanjian konsesi baru, Syarikat Pharmaniaga perlu mengemukakan bon pelaksanaan sebaik sahaja perjanjian konsesi baru dimuktamadkan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Bon Pelaksanaan bernilai RM45 juta yang dikenakan bagi kontrak baru adalah menyamai bon pelaksanaan bagi kontrak asal (Disember 1994 hingga November 2009). Nilai bon pelaksanaan tersebut adalah tidak munasabah kerana bilangan item dalam kontrak baru berbanding kontrak lama telah meningkat daripada 395 item kepada 610 item. Selain itu, harga kontrak baru juga telah meningkat sehingga 184%.

b. Bon Pelaksanaan bagi tempoh 1 Disember 2009 hingga 31 Mei 2010 dan 1 Januari 2011 hingga 13 Februari 2011 tidak dikemukakan oleh syarikat kepada Kementerian. Manakala Bon Pelaksanaan bagi tempoh 1 Jun 2010 hingga 31 Disember 2010 telah dikeluarkan pada 9 Jun 2010 iaitu lewat selama 8 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 37.4
PERLANJUTAN TEMPOH SAHLAKU BON PELAKSANAAN APPL
BAGI TEMPOH DISEMBER 2009 HINGGA NOVEMBER 2012

BON PELAKSANAAN	NILAI (RM Juta)	TEMPOH DILIPUTI
Tiada Maklumat	-	01.12.2009 - 31.05.2010
Bank Islam No. 08136101213 Dan 08136101215	45.00	01.06.2010 - 31.12.2010
Tiada Maklumat	-	01.01.2011 - 13.02.2011
Bank Islam No. 08136110070	45.00	14.02.2011 - 30.11.2012

c. Sahlaku Bon Pelaksanaan bagi perjanjian konsesi baru hanya meliputi tempoh antara 14 Februari 2011 hingga 30 November 2012. Tempoh tersebut sepatutnya berterusan mulai 14 Februari 2011 sehingga setahun selepas tempoh kontrak tamat iaitu 30 November 2020.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Memandangkan tiada garis panduan mengenai Bon Pelaksanaan bagi perjanjian konsesi, maka asas pengiraan mengenainya telah dimuktamadkan oleh pihak Unit Kerjasama Awam-Swasta. Pengiraan Bon Pelaksanaan mengambil kira unjuran 10% daripada jumlah jualan tahunan 2010 sebelum 5% dikenakan daripada nilai kontrak terkini. Selain itu Kementerian telah mengeluarkan surat pada 2 Mac 2012, meminta supaya Syarikat Pharmaniaga mengemukakan Bon Pelaksanaan baru bermula 16 Mac 2011 hingga 30 November 2020.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu mempunyai asas/dokumen untuk menyokong nilai Bon Pelaksanaan berjumlah RM45 juta dalam kontrak APPL baru selaras dengan peningkatan bilangan item ubat dan kenaikan harga APPL baru. Tindakan terhadap pegawai yang cuai dalam mendapatkan bon pelaksanaan yang meliputi tempoh kontrak juga perlu diambil.

37.5.2.3. Kemudahan *Information, Communication And Technology*

Berdasarkan klausa 24 perjanjian konsesi APPL baru, Syarikat Pharmaniaga perlu membangunkan *Pharmacy Information System* (PhIS) dan *Clinic Pharmacy System* (CPS) dengan modul sebanyak 12 dan 10 masing-masing. Manakala klausa 24.1.2 menyatakan sistem PhIS/CPS perlu disiapkan sepenuhnya dalam tempoh 48 bulan daripada tarikh tandatangan kontrak. Pembangunan sistem tersebut melibatkan kos pembangunan sistem berjumlah RM190 juta dan kos penyenggaraan adalah berjumlah RM150 juta. Fasa pertama (pilot sites) perlu disiapkan dalam tempoh 24 bulan daripada tarikh tandatangan kontrak di 6 buah hospital dan 10 klinik terpilih. Seterusnya dalam tempoh 24 bulan berikutnya, sistem tersebut perlu dipasang di 179 hospital dan 802 klinik lain. PhIS/CPS perlu dibangunkan memandangkan ia meliputi keseluruhan proses kerja farmasi di hospital dan klinik termasuk perancangan peruntukan, perolehan, pemantauan stok dan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Teknologi PhIS/CPS adalah berasaskan web menggunakan *browser* yang memudahkan aktiviti peluasan dan pengintegrasian pelbagai aplikasi/sistem. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Kelewatan menandatangani perjanjian baru selama 1 tahun 4 bulan menyebabkan PhIS dan CPS lewat dimulakan dan ini merugikan Kementerian khususnya kepada hospital dan klinik terlibat. Tambahan lagi Syarikat Pharmaniaga telah menangguhkan 7 bulan tarikh mula projek pembangunan sistem ini iaitu dari 16 Mac 2011 kepada 23 November 2011 kerana kontraktor bagi membangunkan projek ini iaitu Syarikat Dataware Sdn. Bhd. hanya dilantik pada 23 November 2011.

b. Beberapa terma perjanjian konsesi baru mengenai pembangunan sistem PhIS/CPS lewat dipatuhi antara 30 hingga 240 hari oleh Syarikat Pharmaniaga seperti di jadual berikut:

JADUAL 37.5
TERMA PERJANJIAN APPL TIDAK DIPATUHI

OBLIGASI/SKOP PERJANJIAN APPL	TARIKH SEPATUTNYA	TARIKH SEBENAR	KELEWATAN (Hari)	CATATAN
Klausa 29.1 Pelantikan Jawatankuasa Pemandu Projek	1 bulan dari tarikh tandatangan perjanjian iaitu 15 April 2011	23.07.2011	90	-
Klausa 37.1 Mengemukakan *Training & Transfer Technology Plan*	3 bulan dari tarikh tandatangan perjanjian iaitu 15 Jun 2011	17.10.2011	120	-
***Appendix 14** Mengemukakan *User Requirement Analysis And Specification*	3 bulan dari tarikh tandatangan perjanjian iaitu 15 Jun 2011	25.10.2011 - 23.02.2012	120 - 240	**Review 1** 25.10.2011 - 09.11.2011
				Review 2 21.11.2011 - 25.11.2011
				Review 3 03.01.2012 - 25.01.2012
				Review 4 14.02.2012 - 23.02.2012
Klausa 25.1 (f) & 45 (c) Mengemukakan *Business Continuity Plan* dan *Disaster Recovery Plan*	6 bulan dari tarikh tandatangan perjanjian iaitu 15 September 2011	17.10.2011	30	-

Nota: ***(*) - 4 Siri Bengkel Telah/Akan Diadakan Antara 25 Oktober 2011 Hingga 23 Februari 2012 Bagi Memperoleh Maklum Balas Daripada Hospital Terlibat***

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Tiada peruntukan yang jelas dan terperinci mengenai pembangunan sistem ICT dalam perjanjian konsesi lama. Maka pembangunan sistem PhIS/CPS telah dicadangkan selepas perjanjian baru ditandatangani. Keperluan ini telah dibincangkan oleh kedua-dua pihak dalam tempoh interim sebagai sebahagian daripada terma-terma baru perjanjian konsesi berkenaan.

Pada pendapat Audit, pembangunan PhIS/CPS perlu mengambil kira pengintegrasian modul *Hospital Information System* sedia ada bagi tujuan penjimatan kos. Selain itu, pembangunan PhIS/CPS perlu dipercepatkan kerana penyempurnaannya pada 15 Mac 2015 iaitu 4 tahun 9 bulan sebelum kontrak tamat adalah merugikan Kerajaan kerana faedah penggunaan sistem ini lewat diterima dan pengintegrasian dengan pelbagai sistem ICT Kerajaan lain tidak dapat dilaksanakan dengan cepat. Bagi memastikan pembangunan sistem ini dapat berjalan dengan lancar, elemen denda satu peratus daripada jumlah kos pelaksanaan bagi setiap hari lewat seperti dinyatakan dalam perjanjian konsesi patut dikuatkuasakan.

37.5.3. Pengurusan Kontrak

37.5.3.1. Kontrak Lewat Ditandatangani

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati kontrak lewat ditandatangani antara 20 hingga 98 hari seperti di jadual berikut:

JADUAL 37.6
KONTRAK LEWAT DITANDATANGANI

NO. KONTRAK KKM/ITEM	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA DIKELUARKAN	TARIKH KONTRAK SEPATUTNYA DITANDATANGANI	TARIKH SEBENAR KONTRAK DITANDATANGANI	TEMPOH LEWAT (Hari)
KKM-54/2010(168/2010) F(U)/ Cefepime 1g Injection	20.08.2010	19.12.2010	28.01.2011	41
KKM-9/2009(55/2009) F(U)/ Acarbose 50mg Tab	16.04.2009	15.08.2009	04.09.2009	20
KKM-63/2009(129/2009) F(U)/ Cefoperazone 500mg+ Sulbactam 500mg Injection	24.06.2009	23.10.2009	25.11.2009	33
KKM-65/2009(131/2009) F(U)/ Cefuroxime Axetil 125mg Tab	23.06.2009	22.10.2009	08.12.2009	47
KKM-38/2010(142/2010) F(U)/ Amlodipine 10mg Tab	23.07.2010	22.11.2010	29.01.2011	68
KKM-77/2008(226/2008) F(U)/ Losartan 50mg Tab	05.11.2008	04.03.2009	21.04.2009	46
KKM-90/2009(161/2009) F(U)/ Multivitamin Tab	23.07.2009	22.11.2009	02.03.2010	98

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Kelewatan menandatangani kontrak berlaku kerana Kementerian perlu membuat pengesahan berhubung dengan Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh pembekal dengan pihak bank terlibat terlebih dahulu. Berdasarkan perbincangan dengan Kementerian Kewangan, Kementerian boleh menandatangani kontrak perjanjian sebaik sahaja menerima Bon Pelaksanaan daripada pembekal sementara menunggu pengesahan Bon Pelaksanaan tersebut daripada pihak bank.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan kontrak ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

37.5.3.2. Bon Pelaksanaan Lewat Dikemukakan

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan pembekal hendaklah mengemukakan Surat Setuju Terima yang ditandatangani serta bon pelaksanaan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh keluarnya surat berkenaan. Senarai kontrak yang mana bon pelaksanaan lewat dikemukakan oleh pembekal antara 8 hingga 88 hari adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 37.7
BON PELAKSANAAN LEWAT DIKEMUKAKAN

NO. KONTRAK KKM	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA DIKELUARKAN	TARIKH AKHIR BON PELAKSANAAN PATUT DIKEMUKAKAN	TARIKH SEBENAR BON PELAKSANAAN DIKEMUKAKAN	TEMPOH LEWAT (Hari)	NILAI BON PELAKSANAAN (RM)
KKM-139/2007(243/2007) F(U)/ Arterial & Venous Bloodlines Set	22.11.2007	06.12.2008	14.12.2007	8	209,500
KKM-36/2009(97/2009) F(U)/ Levetiracetam 500mg Tablet	12.06.2009	26.06.2009	06.07.2009	10	98,326
KKM-77/2008(226/2008) F(U)/ Losartan 50mg Tab	05.11.2008	19.11.2008	03.12.2008	14	268,439
KKM-86/2009(158/2009) F(U)/ Clozapine 25mg Tab	02.09.2009	16.09.2009	01.10.2009	15	10,069
KKM-65/2009(131/2009) F(U)/ Cefuroxime Axetil 125mg Tab	23.06.2009	06.07.2009	21.07.2009	15	115,051
KKM-73/2009(172/2009) F(U)/ Valsartan 80mg Tab	08.09.2009	22.09.2009	16.10.2009	24	161,295
KKM-38/2010(142/2010) F(U)/ Amlodipine 10mg Tab	23.07.2010	06.08.2010	08.09.2010	33	89,744
KKM-63/2009(129/2009) F(U)/ Cefoperazone 500mg+ Sulbactam 500mg Inj	24.06.2009	08.07.2009	21.07.2009	44	315,260
KKM-90/2009(161/2009) F(U)/ Multivitamin Tab	23.07.2009	06.08.2009	20.10.2009	74	116,555
KKM-9/2009(55/2009) F(U)/ Acarbose 50 mg Tab	16.04.2009	30.04.2009	28.07.2009	88	426,090
JUMLAH					**1,810,329**

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Kementerian sentiasa berbincang dan memberi peringatan kepada pembekal agar dapat mengemukakan bon pelaksanaan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memastikan pembekal mengemukakan bon pelaksanaan dalam tempoh masa yang ditetapkan bagi menjamin kepentingan kerajaan.

37.5.4. Pembelian Terus Dan Sebut Harga

37.5.4.1. Bekalan Diterima Sebelum Pesanan Tempatan Dikeluarkan

Semakan Audit mendapati bekalan berjumlah RM407,246 telah diterima antara 8 hingga 161 hari sebelum Pesanan Tempatan dikeluarkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 37.8
BEKALAN DITERIMA SEBELUM PESANAN TEMPATAN DIKELUARKAN

HOSPITAL	TARIKH PESANAN KERAJAAN	TARIKH DITERIMA	JUMLAH (RM)	TERIMA AWAL (Hari)
Ampang	24.11.2010	22.09.2010	31,000	63
Pulau Pinang	21.04.2009 - 09.03.2011	07.01.2009 - 27.12.2011	204,228	8 - 161
Kuala Lumpur	17.11.2009 - 09.03.2011	30.06.2009 - 11.08.2011	172,018	27 - 150
JUMLAH			**407,246**	

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Jawatankuasa Siasatan akan ditubuhkan bagi menyiasat maklum balas yang diberikan oleh Hospital Ampang, Hospital Pulau Pinang dan Hospital Kuala Lumpur.

Pada pendapat Audit, pihak hospital terlibat sepatutnya merancang pembelian item berkenaan dengan lebih awal bagi mengelakkan bekalan stok diterima sebelum Pesanan Tempatan dikeluarkan dan memastikan *improper payment* tidak berulang.

37.5.4.2. Bayaran Sebelum Penghantaran Bekalan

Mengikut Arahan Perbendaharaan 99(e)(i) sebelum pembayaran dilakukan, bekalan mestilah telah diterima dengan sempurna. Semakan Audit mendapati bayaran bernilai RM268,897 telah dibuat antara 3 hingga 589 hari sebelum bekalan diterima sepenuhnya. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 37.9
BAYARAN DIBUAT SEBELUM BEKALAN DITERIMA

HOSPITAL	TARIKH BAUCAR BAYARAN	TARIKH DITERIMA	NILAI (RM)	BAYARAN AWAL (Hari)
Ampang	06.12.2010 - 27.12.2010	31.01.2011 - 25.05.2011	93,400	7 - 170
Queen Elizabeth	21.12.2010 - 25.12.2010	17.01.2011 - 08.04.2011	34,604	27 - 105
Pulau Pinang	14.09.2009 - 30.05.2011	06.11.2009 - 26.07.2011	132,253	3 - 589
Kuala Lumpur	16.03.2011	31.03.2011 - 27.07.2011	8,640	15 - 131
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			**268,897**	

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Jawatankuasa Siasatan akan ditubuhkan bagi menyiasat maklum balas yang diberikan oleh Hospital Ampang, Hospital Queen Elizabeth, Hospital Pulau Pinang dan Hospital Kuala Lumpur.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu menjalankan siasatan mendalam terhadap bayaran sebelum bekalan diterima atau *improper payment* yang berlaku dengan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai terlibat.

37.5.4.3. Bekalan Reagen Tidak Mengikut Spesifikasi

Proses penerimaan bekalan yang dihantar oleh pembekal perlulah dilaksanakan dengan teratur bagi memastikan bekalan yang diterima menepati spesifikasi ditetapkan. Semakan Audit mendapati bekalan bernilai RM345,692 tidak mengikut spesifikasi ditetapkan seperti di jadual berikut:

JADUAL 37.10
BEKALAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

HOSPITAL	NO. BAUCAR/ TARIKH	SPESIFIKASI BEKALAN YANG DITETAPKAN	NILAI BAUCAR BAYARAN (RM)	BEKALAN YANG DIHANTAR	NILAI BEKALAN (RM)
Pulau Pinang	I5176/ 15.12.2009	*46 x 1,000 PCS (75 x 10 MM)*	11,270	*20 x 500 PCS (75 x 10 MM)*	*4,900
	L7460/ 29.12.2010	*APPT Reagent Actin FS (10) PT Reagent Throm S (15)*	37,022	*Client PC (3) Canon Printer (3) Cabling (1) HcLab License (1)*	**27,160
Jumlah					**32,060**
Kuala Lumpur	B2272/ 23.12.2010	*8 Kit x 500 Test*	30,000	*2 Kit x 2,000 Test*	30,000
	B2346/ 23.12.2010		36,600	*2 Kit x 2,000 Test*	36,600
	B2436/ 24.12.2010	*24 Kit x 100 Test*	25,632	*6 Kit x 400 Test*	25,632
	B2455/ 27.12.2010	*50 Kit x 100 Test*	67,500	*2 Kit x 2,000 Test*	67,500
				1 Kit x 500 Test	
				1 Kit x 500 Test	
	B0201/ 23.03.2011	*12 Kit x 500 Test*	45,000	*3 Kit x 2,000 Test*	45,000
	B0202/ 23.03.2011	*12 Kit x 500 Test*	54,900	*3 Kit x 2,000 Test*	54,900
	B0203/ 23.03.2011	*40 Kit x 100 Test*	54,000	*2 Kit x 2,000 Test*	54,000
Jumlah					**313,632**
JUMLAH KESELURUHAN					**345,692**

Nota: ***(*) - Nilai Bekalan Berjumlah RM6,370 Belum Diterima***
(**) - Nilai Bekalan Berjumlah RM9,862 Telah Diterima Dan Mengikut Spesifikasi Ditetapkan

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Pengarah Hospital Pulau Pinang telah mengeluarkan surat peringatan kepada Ketua Jabatan Patologi berhubung amalan menerima bekalan reagen yang tidak mengikut spesifikasi ditetapkan. Pihak Hospital Kuala Lumpur telah bersetuju dengan perubahan spesifikasi reagen dari segi kaedah pembungkusan dan saiz yang dimaklumkan oleh pembekal secara bertulis melalui surat bertarikh 22 November dan 29 November 2010.

Pada pendapat Audit, Pegawai Penerima perlu membuat semakan ke atas salinan nota hantaran dan Pesanan Tempatan bagi memastikan bekalan dihantar mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

37.5.5. Pengurusan Stor

37.5.5.1. Bekalan Yang Tidak Boleh Digunakan, Luput Dan Hampir Luput

Semakan Audit mendapati nilai item luput tempoh dan belum dilupuskan adalah RM862,163. Manakala nilai item menghampiri tarikh luput adalah RM218,455. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 37.11
SENARAI BEKALAN UBAT DAN BUKAN UBAT MELEPASI TARIKH LUPUT

HOSPITAL	BIL. ITEM	TARIKH LUPUT	NILAI (RM)
Ampang	6	Nov. 2007 - Mei 2011	18,264
Queen Elizabeth	2	Mac 2010 - Sept. 2010	1,146
Pulau Pinang	20	Mei 2010 - Julai 2011	842,753
JUMLAH			**862,163**

JADUAL 37.12
SENARAI BEKALAN UBAT DAN BUKAN UBAT HAMPIR TARIKH LUPUT

HOSPITAL	BIL. ITEM	TARIKH LUPUT	NILAI (RM)
Ampang	1	Okt. 2011 - Dis. 2011	7,364
Queen Elizabeth	14	Okt. 2011 - Dis. 2011	55,485
Pulau Pinang	18	Okt. 2011 - Jan. 2012	102,620
Kuala Lumpur	13	Okt. 2011 - Jan. 2012	52,986
JUMLAH			**218,455**



GAMBAR 37.1

Hospital Pulau Pinang
- Ubat Bagi Penyakit H1N1 Seperti Fluhalt, Tamiflu, Osimivir Dan Relenza Bernilai RM769,856 Telah Luput Pada Mac Dan Mei 2010, Jan., Feb., Mac, Mei Dan Julai 2011 (28.07.2011)

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Semua hospital terlibat telah mengambil tindakan penambahbaikan seperti mempercepatkan proses pelupusan ubat yang telah luput, memastikan laporan ubat dan bukan ubat yang lambat bergerak dicetak setiap bulan bagi tujuan pemantauan dan senarai ubat dan bukan ubat luput serta hampir luput diedarkan kepada hospital dan klinik lain.

Pada pendapat Audit, hospital perlu membuat tawaran kepada semua klinik kesihatan dan hospital lain dengan segera sekiranya bekalan ubat menghampiri tarikh luput untuk mengelakkan bekalan tersebut menjadi luput, tidak boleh digunakan dan berlaku pembaziran. Tindakan pelupusan perlu diambil segera bagi stok yang telah luput tempoh.

37.5.5.2. Ruang Penyimpanan Tidak Mencukupi

Kemudahan stor yang teratur perlu mengamalkan konsep 5S iaitu sisih, susun, sapu, seragam dan sentiasa amal. Ini bagi memastikan ruang stor digunakan secara optimum, mengelak stok rosak dan memudahkan pengeluaran stok. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Jabatan Farmasi, Hospital Queen Elizabeth terpaksa menyewa ruang pejabat dengan nilai RM92,400 setahun di Central Plaza kerana menghadapi masalah ruang penyimpanan bagi bekalan stok ubat dan bukan ubat seperti di **Gambar 37.2**.

b. Stor Nefrologi, Hospital Kuala Lumpur berkongsi ruang dengan Stor Dialisis bagi menempatkan bekalan bukan ubat. Ruang penyimpanan yang diperuntukkan untuk meletakkan stok bekalan Stor Nefrologi terlalu kecil dan tidak cukup luas untuk menampung stok yang ada. Ruang yang terlalu sempit ini menyukarkan pengeluaran stok pada satu-satu masa kerana bekalan stok adalah besar dan berat. Stok yang padat juga menyukarkan laluan untuk berjalan dan boleh membahayakan keselamatan. **Gambar 37.3** adalah berkaitan.

GAMBAR 37.2



Stor Farmasi HQE, Central Plaza
- Susunan Stok CAPD Solution Menghampiri Siling
(04.07.2011)

GAMBAR 37.3



Stor Dialisis, HKL
- Ruang Stor Nefrologi Berkongsi Dengan Ruang Stor Dialysis
(12.08.2011)

37.5.5.3. Susun Atur Stok Di Dalam Stor

Stor perlu mempunyai susun atur yang sistematik dan praktikal untuk membolehkan aktiviti pengurusan stor berjalan dengan lancar, selamat, mudah dan menjimatkan masa. Stok perlu disusun mengikut Kaedah Masuk Dahulu Keluar Dahulu (MDKD) bagi memudahkan kerja-kerja pengeluaran stok. Penyimpanan stok di tingkat rak paling atas hendaklah mempunyai jarak 50 cm daripada siling bagi tujuan keselamatan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Stok ubat di Stor Farmasi bawah tanah, Hospital Queen Elizabeth (HQE) yang disimpan di atas rak telah mencapai paras siling dan telah melanggar had susun atur stok yang ditetapkan iaitu pada jarak 50 cm dari siling. Selain itu, susunan kotak yang ditindan terlalu tinggi akan menyukarkan pengeluaran stok mengikut sistem MDKD kerana didapati beberapa stok ubat telah menghampiri tarikh luput semasa semakan fizikal dijalankan. Contohnya adalah seperti di **Gambar 37.4**.

b. Stok di Stor *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD), Hillside, HQE tidak diurus dan disusun dengan teratur serta berhabuk. Di Stor Unit Hemodialisis, Harrington HQE, didapati stok ubat *Haemodialysis Concentrate Bicarbonate 2A* tidak diletakkan di atas palet. Stok yang ditempatkan di stor berkenaan adalah tidak terurus kerana terdapat kotak ubat yang terbuka dan berhabuk. Stok Unit Hemodialisis Harrington, HQE juga didapati tidak disusun dengan teratur. Stok yang berat ditindan dan tidak disusun dengan teratur menyebabkan stok yang berada di bawah terhimpit. Semasa pemeriksaan dijalankan, terdapat tangga diletakkan di atas susunan barang-barang dan berkemungkinan ia boleh merosakkan baki stok. **Gambar 37.5** hingga **37.7** adalah berkaitan.

c. Stok tidak disusun dengan teratur dan diletakkan di atas lantai di Stor Unit Anestesiologi, Hospital Kuala Lumpur (HKL). Ini menyukarkan pergerakan kakitangan stor dan kerja-kerja pemunggahan stok seperti di **Gambar 37.8**.

d. Susun atur stok di Hospital Ampang tidak sistematik kerana simpanan stok ubat yang telah luput diletakkan bercampur dengan peralatan lain di Stor Pelupusan seperti di **Gambar 37.9** dan **37.10**.

GAMBAR 37.4



Stor Farmasi Bawah Tanah, HQE
- Stok Disimpan Hingga Paras Siling
(04.07.2011)

GAMBAR 37.5



Stor CAPD, Hillside HQE
- Stok Tidak Disusun Dengan Teratur
(04.07.2011)

GAMBAR 37.6



Stor Unit Hemodialisis Harrington, HQE
- Stok Yang Kelihatan Berhabuk
(04.07.2011)

GAMBAR 37.7



Stor Unit Hemodialisis Harrington, HQE
- Stok Tidak Disusun Dengan Teratur
(04.07.2011)



GAMBAR 37.8

Stor Unit Anestesiologi, HKL
- Stok Diletakkan Di Atas Lantai
(18.08.2011)

GAMBAR 37.9



GAMBAR 37.10



Stor Pelupusan, Hospital Ampang
- Stok Bekalan Ubat Luput Yang Belum Dilupuskan Disimpan Bersama Dengan Peralatan Lain
(21.06.2011)

37.5.5.4. Aspek Keselamatan Stor

Keselamatan dan kebersihan stor hendaklah sentiasa diberi perhatian oleh Ketua Jabatan dengan mematuhi Arahan Keselamatan Jabatan. Stor hendaklah mempunyai sistem kawalan keselamatan yang sesuai, mencukupi dan berkesan bagi memastikan keselamatan stok dan stor terpelihara. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Di Stor Harrington, Hospital Queen Elizabeth, stok disandarkan pada daun pintu dan ini menyebabkan pintu tidak boleh ditutup. Selain itu, stok tidak diletakkan di atas palet. Manakala Stor CAPD yang terletak di bawah tempat letak kereta bertingkat adalah tidak sesuai dan tidak selamat sebagai stor menyimpan stok kerana kesan keretakan dapat dilihat dengan jelas. **Gambar 37.11** dan **37.12** adalah berkaitan.

b. Di Stor Tablet, Hospital Kuala Lumpur, terdapat satu unit *exhaust fan* tidak berfungsi dan mempunyai kesan terbakar. Stor ini memerlukan penggantian kipas baru untuk memastikan suhu stor berada pada suhu bilik memandangkan stor ini diperbuat daripada zink.

c. Di Stor Oksigen, Hospital Ampang satu alat pemadam api didapati telah melepasi tarikh luput pada bulan November 2010 dan perlu ditukar baru bagi memastikan

keselamatan stor Hospital Ampang adalah terjamin. Stor Ubat No. 2, Hospital Ampang juga telah mengalami kebocoran berpunca dari laluan penghawa dingin di siling dan perlu diambil tindakan segera bagi memastikan keselamatan kualiti ubat yang ditempatkan di bilik tersebut. Selain itu, keadaan Stor Bahan Mudah Terbakar di Hospital Ampang yang tidak sesuai kerana terdedah kepada pancaran matahari; tidak dipasang dengan e*xhaust fan*; tidak dilengkapi dengan s*prinkler* dan siling berkulat seperti di **Gambar 37.13** hingga **37.15**.

d. Stor CAPD yang terletak di luar Hospital Pulau Pinang merupakan tempat membekalkan ubat kepada pesakit CAPD. Keadaan bumbung yang dipasang dengan zink pendek menyebabkan stok terkena tempias air hujan seperti di **Gambar 37.16** dan **37.17**.

GAMBAR 37.11



Stor Harrington, HQE
- Pintu Stor Tidak Ditutup Dan Stok Diletakkan Atas Lantai
(04.07.2011)

GAMBAR 37.12



Bawah Tempat Letak Kereta Bertingkat Stor CAPD, HQE
- Retakan Pada Dinding
(04.07.2011)

GAMBAR 37.13



Stor Ubat No. 2, Hospital Ampang
- Laluan Penghawa Dingin Di Siling Bocor
(23.06.2011)

GAMBAR 37.14



Stor Ubat No. 2, Hospital Ampang
- Kesan Air Penghawa Dingin Di Lantai Akibat Laluan Penghawa Dingin Bocor
(23.06.2011)

GAMBAR 37.15



Stor Bahan Mudah Terbakar, Hospital Ampang
- Terdedah Dengan Pancaran Matahari
(23.06.2011)

GAMBAR 37.16



Stor Unit CAPD, Hospital Pulau Pinang
- Bumbung Dipasang Zink Pendek
(27.07.2011)



GAMBAR 37.17

Stor Unit CAPD, Hospital Pulau Pinang
- Kesan Air Hujan Atas Palet
(27.07.2011)

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Kementerian telah mengambil tindakan menambah baik susun atur stok dan mempertingkatkan tahap keselamatan. Selain itu bagi Hospital Queen Elizabeth dan Hospital Kuala Lumpur, permohonan bagi penyediaan bangunan stor baru telah dibuat.

Pada pendapat Audit, Pegawai Farmasi/Ketua Jabatan Farmasi hendaklah membuat pemeriksaan fizikal ke atas setiap stor secara berkala bagi memastikan tatacara penyimpanan stok dipatuhi dan keselamatan stor adalah terjamin serta mengambil tindakan untuk mengatasi dan memperbaiki kerosakan.

37.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang pada masa hadapan, Kementerian disyorkan mempertimbangkan langkah seperti berikut:

37.6.1. Memastikan kadar bon pelaksanaan dikenakan adalah tepat dan dikeluarkan meliputi tempoh kontrak.

37.6.2. Memastikan pembangunan PhIS dan CPS disiapkan mengikut jadual dan denda dikuatkuasakan bagi sebarang kelewatan.

37.6.3. Menjalankan siasatan yang mendalam bagi kes bayaran sebelum bekalan diterima dan Pesanan Tempatan dikeluarkan selepas bekalan diterima atau *improper payment* yang berlaku dengan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang terlibat.

37.6.4. Mempertingkatkan langkah-langkah keselamatan di stor utama dan stor unit dengan menambahkan bilangan pengawal keselamatan, membuat pemeriksaan fizikal secara berkala dan memperbanyakkan CCTV.

37.6.5. Memberi latihan yang berkesan di kalangan pegawai berhubung tatacara pengurusan stor.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 298-305
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

38. PENGURUSAN AKTIVITI PENDAFTARAN, PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN FARMASI

38.1. LATAR BELAKANG

Bahagian Perkhidmatan Farmasi (BPF), Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) bertanggungjawab untuk menguatkuasakan undang-undang dalam bidang farmaseutikal yang berkaitan dengan ubat termasuk ubat tradisional, suplemen kesihatan dan kosmetik. Objektifnya ialah untuk memastikan semua produk farmaseutikal dan kesihatan di pasaran adalah berkualiti, selamat dan berkesan, dikawal selia mengikut perundangan yang relevan dan digunakan secara rasional. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, daripada peruntukan berjumlah RM283.29 juta, sejumlah RM285.38 juta (100.7%) telah dibelanjakan bagi bidang farmaseutikal. Dalam tempoh tersebut, kutipan hasil berjumlah RM34.95 juta diperolehi daripada aktiviti pendaftaran dan pelesenan.

38.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada aktiviti pendaftaran, pelesenan dan penguatkuasaan farmasi telah diuruskan dengan cekap dan teratur bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

38.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 di Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK); Ibu Pejabat Penguatkuasaan Farmasi serta Cawangan Pelesenan dan Penguatkuasaan Farmasi (CPPF) di peringkat negeri Johor, Sarawak dan Selangor.

38.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan rekod dan dokumen, analisis terhadap data-data, temu bual dengan pegawai berkaitan dan lawatan fizikal audit ke premis yang menjalankan perniagaan produk kesihatan dan kosmetik (premis yang tidak memerlukan lesen dari Kementerian Kesihatan Malaysia).

38.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2011 mendapati secara keseluruhannya prestasi aktiviti pendaftaran, pelesenan dan penguatkuasaan adalah memuaskan kerana kebanyakan isu yang ditemui pada tahun 2009 dan 2010 tidak lagi berlaku pada tahun 2011 kerana telah diambil tindakan penambahbaikan oleh Kementerian. Selain itu, bilangan pemeriksaan premis oleh Penguatkuasa Farmasi telah melebihi sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

i. CPPF lebih memberi tumpuan pemeriksaan terhadap Premis Berlesen dan Berdaftar (47.4% hingga 89.9%) berbanding Premis Tidak Berlesen (10.1% hingga 52.6%). Bagaimanapun, kes pelanggaran akta seperti penjualan produk beracun dan produk tidak berdaftar serta lambakan produk tiruan yang didakwa di mahkamah banyak berlaku di kalangan Premis Tidak Berlesen iaitu antara 70.4% hingga 89.2%;

ii. laporan aduan, risikan dan penyiasatan bagi 93 kes telah lewat disediakan antara 7 hingga 420 hari;

iii. keputusan analisis sampel bagi produk yang dirampas telah lewat diterima daripada Jabatan Kimia Malaysia antara 61 hingga 791 hari;

iv. surat amaran pelanggaran kes iklan mengambil masa antara 29 hingga 150 hari untuk dikeluarkan dari tarikh selesai siasatan;

v. produk yang dirampas belum dilupuskan;

vi. pembangunan Sistem Pengurusan Penguatkuasaan Farmasi (SPPF) dan Sistem Pengurusan Farmasi (SPF) yang bernilai RM4.36 juta telah gagal disempurnakan; dan

vii. wujud perbezaan prosedur kerja antara negeri bagi aktiviti yang sama.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta maklum balas Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

38.5.1. Prestasi Aktiviti

38.5.1.1. Pendaftaran Produk

Peraturan 7(1)(a), Peraturan Pengawalan Dadah Dan Kosmetik 1984, Akta Jualan Dadah 1952 menghendaki semua produk farmaseutikal didaftarkan dengan BPFK sebelum ia diimport, dibekal, dikilang atau dipasarkan di Malaysia. Tempoh masa pendaftaran produk mengikut piagam yang ditetapkan adalah berdasarkan kategori. Sebanyak 4,144 produk farmaseutikal tidak termasuk kosmetik telah didaftarkan antara tahun 2009 hingga 2011. Pemeriksaan Audit terhadap 2,915 sampel produk farmaseutikal mendapati sebanyak 29 produk telah lewat didaftarkan antara 34 hingga 413 hari pada tahun 2009 dan 2010. Bagaimanapun tiada kelewatan berlaku pada tahun 2011 walaupun tempoh masa pendaftaran produk telah dipendekkan. Antara faktor kelewatan pendaftaran produk ialah dokumen tambahan lewat dikemukakan oleh pemohon, namun ia tidak dapat disahkan kerana daftar permohonan pendaftaran tidak diwujudkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 38.1
PRODUK LEWAT DIDAFTARKAN MENGIKUT KATEGORI

KATEGORI	BIL. SAMPEL	PIAGAM (Hari)	KELEWATAN			
			TAHUN 2009		TAHUN 2010	
			BIL. KES	HARI	BIL. KES	HARI
Penilaian Penuh						
- Ubat Preskripsi	742	365	-	-	-	-
- Ubat Bukan Preskripsi	142	365	5	308	-	-
Penilaian Ringkas						
- Produk Tradisional dan Suplemen Kesihatan	1,538	180	5	122 - 279	16	34 - 139
- Ubat Bukan Preskripsi	493	180	1	413	2	106
JUMLAH	**2,915**		**11**		**18**	

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Tindakan penambahbaikan telah diambil antaranya dengan mengemas kini garis panduan pendaftaran "Drug Registration Guidance Document" dan mengadakan dialog dengan pihak industri.

38.5.1.2. Pelesenan

Pengawalan amalan farmasi, pengimportan, pengeksportan, penyimpanan, penjualan dan pengeluaran ubat-ubatan dan racun-racun berjadual diawasi oleh Kementerian melalui pendaftaran ahli-ahli farmasi, pengeluaran permit untuk import dan eksport serta

pengeluaran lesen bagi mengilang, mengimport produk dan menjual serta menyimpan bahan kimia beracun. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, sejumlah 20,004 lesen telah dikeluarkan. Pemeriksaan Audit terhadap 2,078 sampel pengeluaran lesen mendapati perkara berikut:

a. Sebanyak 44 lesen lewat dikeluarkan antara 7 hingga 135 hari pada tahun 2009 dan 2010. Bagaimanapun tiada kelewatan berlaku pada tahun 2011. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 38.2
LESEN LEWAT DIKELUARKAN

JENIS LESEN	BIL. SAMPEL	TAHUN 2009			TAHUN 2010		
		PIAGAM (Hari)	KELEWATAN		PIAGAM (Hari)	KELEWATAN	
			BIL. SAMPEL	HARI		BIL. SAMPEL	HARI
Lesen Pengilang Produk Berdaftar	249	30	8	25 -135	10	2	41 - 75
Lesen Pengimport Produk Berdaftar	300	30	1	33	10	1	83
Lesen Pemborong Produk Berdaftar	450	30	-	-	10	-	-
Pembaharuan Lesen Borong Dadah Berbahaya	25	60	-	-	14	-	-
Kebenaran Mengimport/ Mengeksport Dadah Berbahaya	240	14	-	-	10	-	-
Kebenaran Mengimport/ Mengeksport Bahan Psikotropik Dan Bahan Kimia Terkawal	240	14	-	-	10	-	-
Lesen A	150	14	2	8 - 10	10	5	7 - 15
Lesen B	140	14	9	8 - 47	10	-	-
Lesen E	59	14	1	18	10	1	7
Permit Natrium Hidrosida	225	14	14	8 - 23	10	-	-
JUMLAH	**2,078**		**35**			**9**	

Nota:
Lesen A - Lesen Kepada Ahli Farmasi Untuk Mengimport, Menyimpan Dan Urusniaga Semua Jenis Racun
Lesen B - Lesen Mengimport, Menyimpan Dan Menjual Bahan Kimia Beracun (Bukan Racun Kumpulan A)
Lesen Membeli Racun Tertentu Untuk Mengilang Dan Menjual Makanan Haiwan Yang Dikilangkan
Lesen E - Lesen Mengimport, Menyimpan Dan Menggunakan Natrium Hidrosida
Permit Natrium Hidrosida - Permit Membeli, Menyimpan Dan Menggunakan Natrium Hidrosida

b. Sebanyak 19 lesen melibatkan 10 pengilang tidak diperbaharui dan tiada kepastian sama ada pengilang ini masih beroperasi atau tidak. Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku ialah tiada pengawasan atau pemeriksaan oleh BPFK berkaitan status pengilang yang tidak memperbaharui lesen dan daftar pengilang tidak diwujudkan bagi mengenal pasti pengilang yang tidak memperbaharui lesen.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Beberapa tindakan penambahbaikan telah diambil, antaranya kelulusan lesen mengilang dan mengimport produk berdaftar dibuat 2 kali seminggu; penurunan kuasa menandatangani dokumen lesen/permit diberikan kepada lebih ramai pegawai berkelayakan dan setiap permohonan lesen baru akan terus diterima oleh pegawai untuk semakan. Selain itu, selepas teguran Audit, pihak BPFK telah melaksanakan pemeriksaan ke atas 10 pengilang berkenaan dan mendapati kesemuanya tidak menjalankan perniagaan. Bagaimanapun pada masa akan datang, pihak BPFK akan menjalankan pemeriksaan terhadap premis pengilang yang tidak memperbaharui lesen dan memaklumkan ke CPPF untuk tindakan selanjutnya.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya aktiviti pendaftaran produk dan pelesenan adalah memuaskan. Bagaimanapun ia boleh dipertingkatkan lagi dengan memaklumkan pemohon agar mengemukakan dokumen/maklumat yang

lengkap semasa mengemukakan permohonan, mewujudkan daftar permohonan pendaftaran dan mewujudkan daftar pengilang bagi tujuan pengurusan pengilang berdaftar.

38.5.1.3. Penguatkuasaan

Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan farmasi dibuat oleh CPPF melalui pemeriksaan ke atas:

- **Premis Berlesen/Berdaftar** - penjualan produk beracun/bahan kimia/natrium hidrosida/bahan psikotropik perlu dilesenkan oleh Kementerian dan mendapat lesen perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) antaranya seperti pemborong dan peruncit bahan-bahan kimia; klinik perubatan/pergigian/ veterinar, kilang farmasi dan hospital swasta.
- **Premis Tidak Berlesen** - penjualan produk kesihatan/ubatan/kosmetik tidak perlu dilesenkan oleh Kementerian tetapi perlu mendapatkan lesen perniagaan daripada PBT bagi penjualan produk berkaitan yang dibuat di rumah kediaman, kaki lima, pasar malam/pagi/tamu/minggu, kenderaan, jualan langsung, ladang ternakan, kilang makanan ternakan dan stor/gudang.

a. Pemeriksaan Premis

i. Pemeriksaan premis secara berkala ada dijalankan di peringkat negeri berdasarkan sasaran yang ditetapkan oleh Ibu Pejabat CPPF. Jumlah premis yang diperiksa bagi tempoh 3 tahun (2009 hingga 2011) bagi 3 negeri yang dilawati adalah melebihi sasaran seperti di jadual berikut:

JADUAL 38.3
BILANGAN PEMERIKSAAN PREMIS BERBANDING SASARAN

NEGERI	JENIS PREMIS	TAHUN 2009 HINGGA 2011		
		SASARAN (Bil.)	PREMIS DIPERIKSA (Bil.)	PENCAPAIAN (%)
Sarawak	Premis Berlesen	940	1,368	146.0
	Premis Berdaftar	660	819	124.0
	Premis Tidak Berlesen/Premis Lain	1,120	1,786	159.0
Jumlah		**2,720**	**3,973**	**146.0**
Johor	Premis Berlesen	730	1,579	216.0
	Premis Berdaftar	680	939	138.0
	Premis Tidak Berlesen/Premis Lain	830	1,321	159.0
Jumlah		**2,240**	**3,839**	**171.0**
Selangor	Premis Berlesen	2,370	3,183	134.0
	Premis Berdaftar	430	602	140.0
	Premis Tidak Berlesen/Premis Lain	460	534	116.0
Jumlah		**3,260**	**4,319**	**132.0**
JUMLAH KESELURUHAN		**8,220**	**12,131**	**148.0**

ii. Pemeriksaan Audit mendapati pihak CPPF lebih memberi tumpuan pemeriksaan terhadap Premis Berlesen dan Berdaftar (47.4% hingga 89.9%) berbanding Premis Tidak Berlesen (10.1% hingga 52.6%) seperti di **Jadual 38.4**. Bagaimanapun semakan Audit mendapati kes pelanggaran akta seperti penjualan produk beracun dan produk tidak berdaftar serta lambakan produk tiruan yang didakwa di mahkamah banyak berlaku di kalangan Premis Tidak Berlesen iaitu antara 70.4% hingga 89.2% seperti di **Jadual 38.5**.

JADUAL 38.4
PERBANDINGAN PEMERIKSAAN PREMIS BERLESEN DENGAN TIDAK BERLESEN

NEGERI	JENIS PREMIS	PEMERIKSAAN PREMIS					
		2009		2010		2011	
		Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)
Sarawak	Premis Berlesen/Berdaftar	640	61.7	749	59.8	798	47.4
	Premis Tidak Berlesen/Premis Lain	398	38.3	503	40.2	885	52.6
Jumlah		**1,038**	**100**	**1,252**	**100**	**1,683**	**100**
Johor	Premis Berlesen/Berdaftar	1,093	75.5	639	59.0	786	60.1
	Premis Tidak Berlesen/Premis Lain	354	24.5	444	41.0	523	39.9
Jumlah		**1,447**	**100**	**1,083**	**100**	**1,309**	**100**
Selangor	Premis Berlesen/Berdaftar	1,070	84.9	1,440	89.9	1,275	87.4
	Premis Tidak Berlesen/Premis Lain	190	15.1	161	10.1	183	12.6
Jumlah		**1,260**	**100**	**1,601**	**100**	**1,458**	**100**
JUMLAH KESELURUHAN		**3,745**		**3,936**		**4,450**	

JADUAL 38.5
BILANGAN KES MAHKAMAH MENGIKUT PREMIS

NEGERI	JENIS PREMIS	TAHUN 2009		TAHUN 2010		TAHUN 2011	
		BIL. KES	(%)	BIL. KES	(%)	BIL. KES	(%)
Sarawak	Premis Berlesen/Berdaftar	6	13.6	8	13.6	25	28.7
	Premis Tidak Berlesen/Premis Lain	38	86.4	51	86.4	62	71.3
JUMLAH		**44**	**100**	**59**	**100**	**87**	**100**
Johor	Premis Berlesen/Berdaftar	7	10,8	12	14.0	17	18.7
	Premis Tidak Berlesen/Premis Lain	58	89.2	74	86	74	81.3
JUMLAH		**65**	**100**	**86**	**100**	**91**	**100**
Selangor	Premis Berlesen/Berdaftar	18	25.7	12	15.6	16	29.6
	Premis Tidak Berlesen/Premis Lain	52	74.3	65	84.4	38	70.4
JUMLAH		**70**	**100**	**77**	**100**	**54**	**100**

iii. Semakan lanjut mendapati pihak CPPF juga kurang membuat pemeriksaan terhadap produk kosmetik yang dijual di pasar malam/pagi/tamu/minggu, salon kecantikan/spa, aromaterapi/pusat rawatan rambut (**Jadual 38.6**). Tinjauan Audit di Presint 1 dan 2, Putrajaya mendapati produk kosmetik berjenama disyaki tiruan dijual di Pasar Tani (**Gambar 38.1** hingga **38.4**). Menurut CPPF, pemeriksaan terhadap produk kosmetik sukar dilakukan kerana nombor notifikasi (notis makluman dengan BPFK)/label tidak diwajibkan ke atas kosmetik, laman web BPFK bagi tujuan semakan pendaftaran produk kosmetik tidak kemas kini dan tiada garis panduan khusus diwujudkan bagi pemeriksaan produk kosmetik secara berkala. Selain itu, tindakan terhadap pengedar dan stokis kosmetik tiruan sukar diambil kerana ia di bawah bidang kuasa penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

JADUAL 38.6
BILANGAN PEMERIKSAAN KE ATAS PREMIS TIDAK BERLESEN

NEGERI	JENIS PREMIS	BIL. PEMERIKSAAN		
		2009	2010	2011
Sarawak	Pasar malam/pagi/tamu/minggu	5	-	18
	Salon kecantikan/spa, aromaterapi/pusat rawatan rambut	20	21	22
JUMLAH		**25**	**21**	**40**
Johor	Pasar malam/pagi/tamu/minggu	1	12	5
	Salon kecantikan/spa, aromaterapi/pusat rawatan rambut	141	203	128
JUMLAH		**142**	**215**	**133**
Selangor	Pasar malam/pagi/tamu/minggu	-	-	8
	Salon kecantikan/spa, aromaterapi/pusat rawatan rambut	29	15	24
JUMLAH		**29**	**15**	**32**

GAMBAR 38.1



GAMBAR 38.2



Pasar Tani Presint 2, Putrajaya
- Produk Kosmetik Berjenama Disyaki Tiruan Dijual Di Pasar Tani
(18.11.2011)

GAMBAR 38.3



GAMBAR 38.4



Pasar Mingguan Blok E7, Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya
- Produk Kosmetik Disyaki Tiruan Dijual Di Premis Kementerian Kesihatan
(24.11.2011)

iv. Lawatan Audit bersama-sama pegawai CPPF di 5 Premis Tidak Berlesen di Selangor mendapati 4 daripadanya melakukan pelbagai kesalahan seperti menjual produk tidak berdaftar dan mempamerkan iklan yang menyalahi Akta Ubat (Iklan dan Jualan) 1956. Hasil temu bual dengan peniaga mendapati perkara ini berlaku disebabkan mereka kurang peka dengan peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian dan premis tersebut tidak pernah diperiksa oleh CPPF. Butiran pemeriksaan fizikal yang dijalankan pada 20 September 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 38.7
LAWATAN AUDIT TERHADAP PREMIS TIDAK BERLESEN DI NEGERI SELANGOR

JENIS PERNIAGAAN	NAMA SYARIKAT	TAHUN PERNIAGAAN	KESALAHAN	TINDAKAN CPPF
Kosmetik	Rahmat Maulana Enterprise, Subang Perdana, Shah Alam	2009	Menjual produk tidak berdaftar dan mengandungi racun.	Merampas 41 item produk tidak berdaftar dan disyaki beracun.
Runcit	Kedai Program Usahawan Siswazah PKNS Wisma PKNS, Shah Alam	2009	Menjual produk tidak berdaftar dan mempamerkan iklan yang menyalahi Akta Ubat (Iklan dan jualan) 1956.	Memberi amaran secara bertulis.
Runcit	Wrash Enterprise Wisma PKNS, Shah Alam	2001	Menjual produk tidak berdaftar.	Memberi amaran secara bertulis.
Kosmetik	Esthetics International Group Aster Spring Bukit Tinggi, Klang, Selangor	2010	Gagal mengesahkan produk kecantikan telah dinotifikasikan.	Meminta syarikat terbabit menghantar sijil pengesahan notifikasi yang dikeluarkan oleh BPFK.

Nota: ***Notifikasi - Notis Makluman Dengan BPFK***

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Kementerian tidak berkemampuan untuk sentiasa membuat pemeriksaan ke atas semua premis. Bagaimanapun tindakan telah diambil, antaranya Kementerian sedang di peringkat akhir menggubal semula Rang Undang-undang Farmasi yang

membolehkan Pihak Berkuasa Berwibawa (Competent Authority) mengeluarkan arahan kepada mana-mana pihak yang mengendalikan keluaran-keluaran berdaftar; menyediakan satu garis panduan untuk mengawal premis-premis yang telah dilesenkan oleh PBT, mempergiatkan hebahan melalui media dan penerangan melalui dialog, ceramah dan pameran mengenai kesalahan dan hukuman sekiranya mereka menjual ubat-ubatan tidak berdaftar, akan mengemukakan syor kepada persidangan ASEAN HARMONISATION pada masa hadapan berkaitan bahan kosmetik berisiko dicampuri racun perlu ditampal dengan hologram; pihak BPFK akan mengarahkan semua pemegang notifikasi kosmetik supaya memastikan setiap pengedar atau salon kecantikan dibekalkan maklumat status notifikasi. Operasi bersepadu CPPF bersama KPDNKK telah diadakan sebanyak 3 kali pada tahun 2010 hingga 2011 dan akan terus dilaksanakan jika ada keperluan.

v. Selain daripada pemeriksaan secara berkala, pihak CPPF juga menerima aduan daripada pihak awam atau pihak dalaman dan laporan aduan mengenainya perlu disediakan dalam masa 2 minggu. Sekiranya aduan yang diterima adalah berasas, laporan risikan perlu disediakan dalam masa 2 bulan selepas laporan aduan disediakan. Jika didapati perlanggaran akta berlaku, serbuan akan dibuat dan siasatan lanjut akan dijalankan serta laporan penyiasatan perlu disediakan dalam masa 4 bulan dan terus dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR). Semakan Audit di CPPF Sarawak, Johor dan Selangor mendapati laporan aduan, risikan dan penyiasatan bagi 93 kes telah lewat disediakan antara 7 hingga 420 hari. Antara faktor yang menyebabkan kelewatan ini adalah pengurusan masa kerja yang kurang cekap, aduan kurang jelas dan kesukaran dalam memperoleh maklumat. Laporan yang lewat disediakan mengikut jenis laporan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 38.8
KELEWATAN PENYEDIAAN LAPORAN

NEGERI	TAHUN			JUMLAH KES	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
	2009	2010	2011		
Laporan Aduan Melebihi 2 Minggu					
Johor	3	-	2	5	7 - 32
Laporan Risikan Melebihi 2 Bulan					
Johor	7	1	-	8	7 - 65
Laporan Penyiasatan Melebihi 4 Bulan					
Sarawak	-	1	-	1	66
Johor	22	5	-	27	7 - 237
Selangor	33	16	3	52	7 - 420
JUMLAH	**65**	**23**	**5**	**93**	**7 - 420**

Nota: ***Maklumat Sehingga Bulan Jun 2011***

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Tindakan penambahbaikan yang telah diambil antaranya pegawai khas dilantik untuk memantau aduan awam dan risikan; pemantauan berkala diadakan melalui Mesyuarat Kertas Siasatan dan pemantauan berterusan dijalankan oleh Ketua Unit Penyiasatan dan Pendakwaan.

Pada pendapat Audit, pihak CPPF hendaklah memberi lebih tumpuan penguatkuasaan kepada Premis Tidak Berlesen; mewujudkan satu mekanisme bagi mengenal pasti notifikasi produk kosmetik dengan lebih mudah; pemeriksaan

bersepadu bersama KPDNKK perlu diadakan lebih kerap bagi membanteras penjualan kosmetik tiruan dan tidak berdaftar serta berusaha bagi mempercepatkan penyediaan laporan.

b. Penyelenggaraan Daftar Dan Rekod

i. Daftar Induk Premis Tidak Berlesen Tidak Diselenggarakan

Daftar bilangan Premis Tidak Berlesen tidak diselenggarakan di semua CPPF yang dilawati. Ini adalah kerana perniagaan di premis tersebut tidak perlu memohon atau memperbaharui lesen dengan CPPF. Sehubungan itu, pemantauan/pemeriksaan terhadap premis ini kurang dilaksanakan. Selain itu, data mengenai bilangan Premis Tidak Berlesen secara keseluruhan sukar diperolehi di satu peringkat pengumpulan data (CPPF Ibu Pejabat/Negeri) kerana pada masa kini, lesen bagi premis sedemikian hanya dikawal oleh PBT. Dengan itu, CPPF Negeri tidak dapat mengenal pasti jumlah sebenar Premis Tidak Berlesen yang wujud di sesebuah negeri/seluruh negara.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Mesyuarat Teknikal Penguatkuasaan Farmasi bersetuju supaya CPPF Negeri menghubungi PBT bagi mendapatkan maklumat Premis Tidak Berlesen yang beralamat tetap bagi tujuan pemeriksaan dan pemantauan CPPF Negeri secara berterusan.

ii. Perbezaan Rekod Antara CPPF Negeri Dengan Ibu Pejabat

Semakan terhadap Buku Statistik Penguatkuasaan Farmasi peringkat CPPF Ibu Pejabat dengan data di peringkat CPPF Negeri yang dilawati mendapati data pendakwaan dan risikan bagi tahun 2009 dan 2010 adalah berbeza. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan perbezaan ini bagi tahun 2011 kerana Buku Statistik berkenaan masih dalam peringkat penyediaan. Keadaan ini menimbulkan kekeliruan dalam kesahihan sumber maklumat menyebabkan rujukan aktiviti yang kurang tepat dan kesukaran menjalankan pemantauan terhadap bilangan kes sebenar. Perbezaan data berkaitan kes pendakwaan dan aktiviti risikan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 38.9
PERBEZAAN REKOD KES PENDAKWAAN DAN RISIKAN TAHUN 2009 DAN 2010

IBU PEJABAT/NEGERI	2009			2010		
	REKOD CPPF NEGERI	BUKU STATISTIK DI IBU PEJABAT	BEZA	REKOD CPPF NEGERI	BUKU STATISTIK DI IBU PEJABAT	BEZA
	(Kes)	(Kes)	(Kes)	(Kes)	(Kes)	(Kes)
PENDAKWAAN KES BARU						
Sarawak	38	38	-	59	46	13
Johor	58	77	19	84	97	13
Selangor	70	66	4	77	77	-
Jumlah			**23**			**26**
AKTIVITI RISIKAN						
Sarawak	42	42	-	18	20	2
Johor	75	54	21	73	51	22
Selangor	61	61	-	78	77	1
Jumlah			**21**			**25**
JUMLAH KESELURUHAN			**44**			**51**

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Perbezaan adalah disebabkan kekeliruan dalam pengiraan data di peringkat Ibu Pejabat dengan CPPF Negeri. Selepas teguran Audit, CPPF Ibu Pejabat akan mengedarkan kompilasi data kepada CPPF Negeri untuk pengesahan sebelum data akhir dicetak dalam Buku Statistik.

iii. Daftar Tidak Diselenggarakan Dengan Lengkap

Semakan Audit terhadap daftar dan laporan di CPPF yang dilawati bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 mendapati daftar aduan, laporan aduan/maklumat, daftar serbuan dan daftar lesen racun tidak diselenggarakan dengan lengkap. Ini adalah kerana daftar tersebut tidak dikemaskinikan apabila laporan dibuat. Keadaan ini menyebabkan pemantauan sukar dilaksanakan. Daftar yang tidak diselenggarakan dengan lengkap adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 38.10
DAFTAR TIDAK DISELENGGARAKAN DENGAN LENGKAP

CPPF	DAFTAR ADUAN	LAPORAN ADUAN/ MAKLUMAT	DAFTAR SERBUAN	DAFTAR LESEN RACUN	RUANGAN TIDAK DIISI DENGAN LENGKAP
	LENGKAP [YA (✓) / TIDAK (✗)]				
Ibu Pejabat	✓	✓	✗	✓	**Daftar Serbuan:** Kod premis dan nilai rampasan.
Sarawak	✗	✗	✓	✗	**a) Daftar Aduan (Bagi Tahun 2010 sahaja):** Nama pegawai penyiasat, tarikh tindakan terhadap aduan diambil dan keputusan/status aduan. **b) Laporan Aduan/Maklumat:** Nama pegawai penyedia laporan, tarikh laporan dan ulasan Ketua Penolong Pengarah Kanan (Kuat Kuasa) **c) Daftar Lesen Racun:** Tarikh dan akuan terima lesen
Johor	✓	✗	✓	✓	**Laporan Aduan/Maklumat:** Nama pegawai penyedia laporan, tarikh laporan dan ulasan Ketua Penolong Pengarah Kanan (Kuat Kuasa)
Selangor	✓	✓	✓	✗	**Daftar Lesen Racun:** Nombor dan tarikh resit

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Kementerian telah mengarahkan semua ketua unit melaksanakan pemantauan dengan lebih teliti bagi memastikan buku daftar diselenggarakan dengan lengkap mengikut garis panduan yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, daftar Premis Tidak Berlesen perlu diwujudkan dan pihak CPPF hendaklah sentiasa berhubung dengan Pihak Berkuasa Negeri/kerajaan tempatan berkaitan status Premis Tidak Berlesen. Selain itu, siasatan perlu dijalankan bagi mengenal pasti punca perbezaan rekod di antara CPPF Ibu Pejabat dengan negeri dan memastikan semua daftar atau laporan penguatkuasaan diisi dengan lengkap.

c. Keputusan Analisis Sampel

Sampel produk diambil/dibeli dari premis secara rambang melalui aktiviti surveilans adalah bagi memastikan produk yang berada di pasaran bebas dari bahan beracun. Sekiranya analisis yang dilakukan di Makmal Jabatan Kimia Negeri/Makmal Forensik BPF/Makmal BPFK/Makmal Ubat dan Stor Negeri Sarawak (MUSN) didapati positif (beracun), maka penyiasatan selanjutnya dan serbuan akan dilakukan. Produk yang dirampas daripada aktiviti serbuan akan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk

dianalisis bagi tujuan pendakwaan di mahkamah. Bagaimanapun, tiada suatu tempoh masa yang ditetapkan bagi tujuan analisis ini. Semakan Audit mendapati tempoh masa yang diambil bagi tujuan analisis adalah antara 61 hingga 791 hari (melebihi 2 tahun). Selain itu, terdapat sampel yang dihantar pada tahun 2009, 2010 dan 2011 yang masih belum diterima keputusan analisisnya. Kelewatan ini disebabkan oleh pertambahan sampel analisis; sampel dihantar mengandungi bahan baru yang memerlukan kaedah pengujian atau protokol dibentuk dan kekurangan reagen serta sumber kewangan yang terhad di makmal berkaitan. Senarai analisis sampel yang lewat dan masih belum menerima keputusan mengikut negeri adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 38.11
STATUS ANALISIS SAMPEL

NEGERI	KEPUTUSAN ANALISIS TELAH DITERIMA				* KEPUTUSAN ANALISIS BELUM DITERIMA (Sampel)	JUMLAH ANALISIS (Sampel)
	TEMPOH MASA (Hari)					
	61 - 180	181 - 360	361 - 600	601 - 791		
Johor	124	48	-	28	31	231
Selangor	60	27	4	1	57	149
Sarawak	117	70	2	-	240	429
JUMLAH	**301**	**145**	**6**	**29**	**328**	**809**

Nota: ***a) (*) - Keputusan Analisis Yang Belum Diterima Bagi Sampel Yang Dihantar Melebihi 2 Bulan/60 Hari***
b) Maklumat Sehingga 30 September 2011

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Sampel pada tahun 2009 hingga 2011 telah selesai dianalisis pada tahun 2012 dan keputusan analisis telah dimaklumkan kepada pihak penguat kuasa. Tindakan penambahbaikan yang diambil antaranya BPF mengadakan sesi dialog dengan Jabatan Kimia Malaysia pada bulan Jun 2012 bagi mengatasi masalah kelewatan ini; Jawatankuasa Kualiti dan Statistik diwujudkan oleh BPFK bagi memantau isu kelewatan; CPPF Negeri telah melantik pegawai khusus bagi tujuan pemantauan analisis sampel.

Pada pendapat Audit, mekanisme perlu diwujudkan bagi memastikan keputusan analisis sampel diperolehi dalam tempoh yang munasabah.

d. Pengiklanan

Unit Kawalan Iklan, CPPF Ibu Pejabat dibantu oleh CPPF Negeri melaksanakan aktiviti pemantauan terhadap iklan media cetak dan elektronik seperti yang ditetapkan oleh Akta Ubat (Iklan dan Jualan) 1956. Bagi iklan yang didapati melanggar akta, pengiklan akan diberi surat amaran/peringatan atau laporan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk tujuan pendakwaan di mahkamah. Semakan Audit mendapati sebanyak 655 kes telah diberi surat amaran/peringatan dan 29 kes lagi telah didakwa di mahkamah. Adalah didapati arahan kerja berhubung proses ini ada disediakan, namun tempoh masa bagi mengeluarkan surat amaran/peringatan tidak dinyatakan. Semakan Audit mendapati tempoh masa sebenar yang diambil bagi mengeluarkan surat amaran/peringatan adalah antara 29 hingga 150 hari selepas selesai penyiasatan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 38.12
MASA DIAMBIL BAGI MENGELUARKAN SURAT AMARAN/PERINGATAN

CPPF	BIL. KES				
	TEMPOH MASA (Hari)				JUMLAH
	29 - 60	61 - 90	91 - 120	121 - 150	
Ibu Pejabat	21	14	8	3	**46**
Johor	6	-	4	-	**10**
JUMLAH	**27**	**14**	**12**	**3**	**56**

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Tindakan penambahbaikan yang telah diambil antaranya pengeluaran surat amaran/peringatan dalam tempoh 10 hari bekerja telah dikuatkuasakan; arahan kerja ISO 9001:2008 ditambah baik dengan memasukkan proses tindakan iklan dan sistem pemonitoran iklan (program Ms Access) dikemas kini dengan maklumat tarikh aduan diterima dan tarikh iklan dirujuk.

Pada pendapat Audit, tindakan penambahbaikan yang diambil oleh Kementerian adalah memadai untuk memastikan surat amaran/peringatan dikeluarkan dalam tempoh yang munasabah. Bagaimanapun, Kementerian perlu memastikan arahan kerja yang ditetapkan dipatuhi sepenuhnya oleh bahagian yang berkaitan melalui penyeliaan proses kerja secara berterusan.

e. Produk Rampasan Masih Belum Dilupuskan

Mengikut Peraturan Kawalan Dadah Dan Kosmetik 1984, produk farmaseutikal yang dibawa masuk ke Malaysia perlu mendapat kelulusan daripada BPFK. Sekiranya peraturan tidak dipatuhi, maka produk tersebut akan dirampas dan dilupuskan. Semakan Audit mendapati produk yang dirampas masih belum dilupuskan di mana sebahagiannya telah dirampas sejak tahun 2009. Keadaan ini telah mengakibatkan masalah pada ruang penyimpanan yang agak terhad. Semakan lanjut mendapati garis panduan pelupusan produk rampasan tidak diwujudkan. Bilangan produk rampasan yang masih belum dilupuskan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 38.13
BILANGAN PRODUK RAMPASAN MASIH BELUM DILUPUSKAN

CPPF	BIL. PRODUK RAMPASAN BELUM DILUPUSKAN				
	TEMPOH MASA (Hari)				JUMLAH
	400 - 550	551 - 700	701 - 850	851 - 1,000	
Johor	-	162	-	-	162
Sarawak	-	-	9	8	17
Selangor	50	49	18	49	166
JUMLAH	**50**	**211**	**27**	**57**	**345**

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Draf Garis Panduan Saringan Pengimportan Pintu Masuk Kastam merangkumi prosedur pelupusan bahan rampasan telah dibincangkan dalam mesyuarat khas pada bulan April 2012 dan akan diguna pakai pada akhir tahun 2012.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu segera memuktamadkan draf Garis Panduan Saringan Pengimportan Pintu Masuk Kastam supaya tindakan pelupusan dapat dilaksanakan secepatnya.

38.5.2. Sistem Pengkomputeran

38.5.2.1. Sistem Pengurusan Penguatkuasaan Farmasi (SPPF) dan Sistem Pengurusan Farmasi (SPF) bernilai RM4.36 juta telah dibangunkan pada 5 Februari 2009. Sistem ini bertujuan untuk mengautomasi dan mengintegrasikan sistem penyampaian perkhidmatan termasuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada 6 Februari 2008 kepada Edaran Komputer Sdn. Bhd. Semakan Audit mendapati kontrak perjanjian hanya ditandatangani pada 12 Mac 2009 iaitu melebihi tempoh 4 bulan daripada tarikh SST dan bertentangan dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 yang mengehendaki perjanjian kontrak ditandatangani tidak lewat 4 bulan daripada tarikh SST. Selain itu, kontrak ini juga ditandatangani selepas berakhirnya tempoh pelaksanaan kontrak (tempoh kontrak adalah dari 6 Februari 2008 hingga 5 Februari 2009). Ini telah menyebabkan semua terma dan syarat kontrak tidak dapat dikuatkuasakan. Semakan lanjut mendapati kontrak tersebut gagal disempurnakan seperti yang dirancang walaupun sejumlah RM2.59 juta atau 59% daripada amaun kontrak telah dibayar.

38.5.2.2. Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) Kementerian melalui laporannya bertarikh 19 Oktober 2011 mengesahkan bahawa sistem SPPF dan SPF gagal dibangunkan mengikut keperluan operasi Bahagian Perkhidmatan Farmasi. Setakat 12 Januari 2011, status pembangunan sistem adalah 15% siap manakala status keseluruhan projek adalah 30% siap. Pihak Audit juga mendapati bayaran sepenuhnya telah dibuat bagi peralatan komputer. Berdasarkan laporan BPM, kegagalan ini disebabkan tiada perancangan yang teliti, rapi dan menyeluruh oleh BPF sebagai agensi pelaksana. Dengan itu, pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan pantas bagi menggantikan amalan secara manual yang digunakan pada masa kini.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Surat tuntutan Bon Pelaksanaan telah dikemukakan kepada Malayan Banking Berhad pada bulan Februari 2012. Mesyuarat Khas Pemantauan Pelaksanaan Projek-projek ICT Bil. 2/2011 pada 6 Disember 2011 telah memutuskan kontrak dengan syarikat berkenaan ditamatkan dan baki bayaran berjumlah RM1.77 juta tidak akan dibayar. Kontraktor juga dikenakan penalti bermula daripada tarikh tamat kontrak iaitu 6 Ogos 2009 sehingga 24 Ogos 2012 berjumlah RM9.46 juta. Bagaimanapun Edaran Komputer Sdn. Bhd. telah membawa isu ini ke Pusat Timbang Tara Serantau pada bulan Februari 2012. Kementerian sedang menyediakan dokumentasi kes berdasarkan kepada Order of Directions yang dipersetujui. Kementerian juga telah menyediakan dokumen tender dan dokumentasi spesifikasi keperluan pengguna bagi menyambung semula projek ini melalui perolehan secara tender terhad.

Pada pendapat Audit, perbelanjaan RM2.59 juta tidak memberi *value for money* kepada Kerajaan. Siasatan lanjut perlu dibuat ke atas status pembekalan peralatan komputer kerana bayaran sepenuhnya telah pun dibuat. Selain itu, perancangan yang teliti, rapi dan menyeluruh bagi kontrak pembangunan sistem komputer/ICT perlu dilakukan sebelum sesuatu projek dilaksanakan. Kementerian juga perlu mengambil tindakan yang sewajarnya dalam menyempurnakan sistem yang telah dibangunkan dan mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor terbabit.

38.5.3. Garis Panduan Dan Arahan Kerja

Bagi menjalankan aktiviti penguatkuasaan, Ibu Pejabat CPPF telah mengeluarkan garis panduan dan peraturan secara am di peringkat dalaman untuk kegunaan CPPF di peringkat negeri. Seterusnya CPPF Negeri akan menyediakan prosedur kerja bagi memperincikan garis panduan dan peraturan yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat CPPF. Semakan Audit mendapati terdapat perbezaan dalam prosedur kerja bagi aktiviti yang sama di setiap negeri yang dilawati. Selain itu, semakan Audit mendapati kecuali CPPF Sarawak, CPPF Ibu Pejabat, Johor dan Selangor telah mendapat pengiktirafan/pensijilan MS ISO 9001:2008 daripada SIRIM. Ini adalah kerana pengiktirafan/pensijilan MS ISO 9001:2008 diperolehi atas kehendak Pengarah Kesihatan Negeri masing-masing dan bukannya berdasarkan arahan daripada Ibu Pejabat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 38.14
PROSEDUR KERJA TIDAK SERAGAM DI NEGERI YANG DILAWATI

BIL.	PERKARA	SUMBER PERATURAN	IBU PEJABAT	SARAWAK	JOHOR	SELANGOR
1	**a) Permohonan Dokumen Dan Menjalankan Siasatan** Hantar salinan asal permohonan kepada Jabatan berkenaan dan simpan satu salinan dalam fail siasatan dan satu lagi dalam fail pejabat. **b) Pendaftaran Kes Di Mahkamah** Kemukakan dokumen berikut kepada Pendaftar Mahkamah: Beri kuasa sebagai penyerah saman (2 salinan)	Prosedur Penyiasatan	× ×	✓ ×	✓ ×	✓ ✓
2	**Persediaan Sebelum Perbicaraan** i) Serah sapina kepada saksi-saksi sebelum tarikh perbicaraan. ii) Semak dan senaraikan ekshibit untuk dikemukakan dan bahan-bahan rujukan mengikut keperluan kes.	Prosedur Pendakwaan	×	✓	✓	✓
3	**a) Penahanan Barang** Barang tahan sama ada barang dirampas dengan tindakan mahkamah/dirampas tanpa tindakan mahkamah/dilepaskan dengan amaran/dikembalikan ke negara asal selepas 30 hari dari tarikh penahanan **b) Tindakan Ke Atas Barang Tahan Yang Dirampas Tanpa Tindakan Mahkamah** Sediakan Senarai Barang Tahan untuk dilupuskan selepas 30 hari dari tarikh penahanan sekiranya barang tahan konsainan tidak dituntut oleh pengimport dan mengemukakan senarai tersebut kepada pihak Kastam untuk sebarang maklum balas.	Prosedur Pemeriksaan	TB TB	× ×	✓ ✓	× ×
4	**Pengiktirafan MS ISO 9001:2008** **Aktiviti:** a) Pemeriksaan Premis b) Serbuan c) Penyiasatan d) Pendakwaan	MS ISO	TB × ✓ ✓	× × × ×	✓ ✓ ✓ ✓	✓ ✓ ✓ ✓

Nota: ***(✓) - Dinyatakan/Diwujudkan*** ***(×) - Tidak Dinyatakan/Tidak Diwujudkan*** ***TB - Tidak Berkenaan***

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Beberapa tindakan telah diambil, antaranya prosedur dan arahan kerja yang kemas kini akan diedarkan untuk diguna pakai secara seragam oleh CPPF di semua Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) mulai 1 April 2012; CPPF Negeri Sarawak sedang dalam peringkat penyediaan dokumentasi ke arah mendapatkan pensijilan MS ISO; Pasukan Audit Dalam ditubuhkan bagi memastikan garis panduan dipatuhi oleh semua CPPF Negeri.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan prosedur dan arahan kerja yang diedarkan kepada semua Cawangan CPPF dipatuhi sepenuhnya melalui pemantauan berterusan oleh Pasukan Audit Dalam yang telah ditubuhkan.

38.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi masalah yang dibangkitkan dan untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan aktiviti pendaftaran, pelesenan dan penguatkuasaan farmasi, adalah disyorkan supaya pihak terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

38.6.1. BPF perlu memaklumkan kepada pemohon agar mengemukakan dokumen/maklumat yang lengkap semasa mengemukakan permohonan pendaftaran produk.

38.6.2. CPPF perlu memberi tumpuan penguatkuasaan kepada Premis Tidak Berlesen dan pemeriksaan bersepadu hendaklah dilaksanakan bersama KPDNKK secara lebih kerap bagi membanteras penjualan kosmetik tiruan dan tidak berdaftar. Di samping itu, daftar induk Premis Tidak Berlesen (populasi dan pemeriksaan) hendaklah diwujudkan serta memastikan semua daftar, fail atau laporan yang berkaitan dengan penguatkuasaan di peringkat Ibu Pejabat dan negeri adalah lengkap dan kemas kini.

38.6.3. CPPF hendaklah mewujudkan mekanisme yang sesuai bagi memastikan keputusan analisis sampel diperolehi dalam tempoh yang munasabah.

38.6.4. Kementerian perlu segera memuktamadkan draf Garis Panduan Saringan Pengimportan Pintu Masuk Kastam supaya tindakan pelupusan dapat dilaksanakan secepatnya.

38.6.5. BPF bersama BPM dan Penasihat Undang-undang Kementerian hendaklah merancang dengan teliti, rapi dan menyeluruh terhadap kesinambungan pembangunan sistem komputer serta mengambil tindakan sewajarnya terhadap kontraktor yang terlibat.

38.6.6. Kementerian perlu memastikan prosedur dan arahan kerja berhubung aktiviti penguatkuasaan yang diedarkan kepada semua Cawangan CPPF dipatuhi sepenuhnya melalui pemantauan berterusan oleh Pasukan Audit Dalam yang telah ditubuhkan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 306-314
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

39. PENGURUSAN PERALATAN HOSPITAL

39.1. LATAR BELAKANG

39.1.1. Perolehan peralatan (peralatan perubatan dan bukan perubatan) hospital merangkumi tiga peringkat perolehan iaitu peringkat hospital, Jabatan Kesihatan Negeri dan Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian). Di peringkat Kementerian, Bahagian Perkembangan Perubatan bertanggungjawab dalam urusan perolehan peralatan manakala Bahagian Perolehan dan Penswastaan bertanggungjawab mengurus tender dan kontrak. Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan pula bertanggungjawab dalam memantau prestasi perkhidmatan penyenggaraan oleh syarikat konsesi.

39.1.2. Bagi memastikan peralatan yang telah dibeli berada dalam keadaan baik, Kementerian telah melantik tiga syarikat konsesi bagi tujuan menyenggara peralatan iaitu Faber Medi-Serve Sdn. Bhd. (Faber) bagi Labuan, Sabah, Sarawak, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis; Pantai Medivest Sdn. Bhd. (Pantai) bagi Johor, Melaka dan Negeri Sembilan dan Radicare (M) Sdn. Bhd. (Radicare) bagi Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

39.1.3. Bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kesihatan di hospital, Kementerian pada tahun 2009 hingga 2011 telah memperuntukkan sejumlah RM1,327.97 juta bagi perolehan peralatan hospital manakala RM2,875.63 juta bagi penyenggaraan peralatan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 39.1
PERUNTUKAN PEROLEHAN DAN PENYENGGARAAN PERALATAN HOSPITAL

PERKARA	TAHUN	MENGURUS (RM Juta)		PEMBANGUNAN (RM Juta)		JUMLAH (RM Juta)	
		A	B	A	B	A	B
Perolehan	2009	130.64	138.91	277.49	271.83	408.1	410.74
	2010	107.79	107.25	599.11	591.38	706.9	698.63
	2011	93.44	29.14	119.50	49.73	212.94	78.87
JUMLAH		**331.87**	**275.30**	**996.10**	**912.94**	**1,327.97**	**1,188.24**
Penyenggaraan	2009	976.34	977.29	50.66	50.50	1,027.00	1,027.79
	2010	647.76	652.72	157.53	157.00	805.29	809.72
	2011	957.34	873.67	86.0	10.94	1,043.34	884.61
JUMLAH		**2,581.44**	**2,503.68**	**294.19**	**218.44**	**2,875.63**	**2,722.12**

Nota: ***A - Peruntukan*** ***B - Perbelanjaan***

39.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan peralatan hospital telah dibuat berdasarkan peraturan yang ditetapkan dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

39.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perolehan, penggunaan, penyenggaraan dan pelupusan terhadap peralatan hospital bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 di Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP); Bahagian Perolehan dan Penswastaan (BP&P); Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan

(BPK) dan 4 hospital iaitu Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru, Johor; Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan, Pahang; Hospital Tuanku Fauziah (HTF), Kangar, Perlis dan Hospital Duchess of Kent (HDOK), Sandakan, Sabah.

39.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan peralatan hospital. Lawatan, pemeriksaan dan temu bual dengan pegawai berkaitan juga telah dijalankan di hospital terlibat.

39.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2011 mendapati pengurusan peralatan hospital adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

i. perolehan 41 unit peralatan import bernilai RM2.10 juta tidak mendapat kelulusan daripada MITI sungguhpun nilai perolehan melebihi RM50,000;

ii. sebut harga bernilai RM2.15 juta diputuskan oleh bukan ahli jawatankuasa sebut harga;

iii. Surat Setuju Terima bagi perolehan bernilai RM45.06 juta telah ditandatangani oleh pegawai yang tidak mempunyai kuasa;

iv. 5 kontrak bernilai RM27.25 juta telah lewat ditandatangani antara 9 hingga 74 hari;

v. peralatan bernilai RM1.03 juta telah lewat dibekalkan antara 34 hingga 92 hari dan denda tidak dapat dikenakan kepada kontraktor kerana klausa pengenaan denda tidak dinyatakan dalam dokumen sebut harga/pesanan kerajaan;

vi. pusat tanggungjawab tidak menggunakan ePerolehan menyebabkan berlaku lebihan bayaran sebanyak RM1.01 juta kepada kontraktor;

vii. 119 unit peralatan bernilai RM4.04 juta yang telah diterima antara bulan Julai 2010 hingga Disember 2010 masih belum digunakan;

viii. pembaikan peralatan lewat dibuat antara 16 hingga 229 hari;

ix. aset yang tiada di lokasi, tidak lagi digunakan dan rosak bernilai RM8.99 juta tidak dikeluarkan daripada senarai kerja penyenggaraan; dan

x. kos penyenggaraan bagi 57 aset melebihi nilai perolehan sehingga 14.5 kali ganda.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

39.5.1. Pengurusan Perolehan

39.5.1.1. Perolehan Barangan Import

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2002 menghendaki perolehan barangan import bernilai melebihi RM50,000 perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) terlebih dahulu. Semakan Audit mendapati perolehan 41 unit peralatan bernilai RM2.10 juta di HDOK, HSA dan HTF tidak mendapat kelulusan daripada MITI sungguhpun nilai perolehan yang diimport melebihi RM50,000. Butiran peralatan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 39.2
PEROLEHAN TANPA MENDAPAT KELULUSAN MITI

PERALATAN	NEGARA PENGELUAR	KUANTITI (Unit)	NILAI (RM)
Hospital Duchess Of Kent			
Infant Radiant Warmer	Amerika	3	53,700
Hospital Sultanah Aminah			
ICU Bed	Amerika	2	120,000
Fluid Management System	Switzerland	19	487,350
Pneumatic Kerrison Punch	Germany	1	154,600
Endoanal and Endorectal Ultra Sound	Denmark	1	299,900
Harmonic Scalpel	Amerika	1	195,600
Hospital Tuanku Fauziah			
Auditory Brainstem Response	Denmark	1	79,950
Electrosurgical Unit	Amerika	1	175,000
Infant Radiant Warmer	Germany	2	79,800
Portable Ventilator (Turbine Driven)	Amerika	2	159,600
Haemodialysis Machine	Sweden	7	294,000
JUMLAH		**41**	**2,099,500**

39.5.1.2. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 menghendaki Jawatankuasa Sebut Harga ditubuhkan dengan keahlian tidak kurang daripada 3 orang yang dilantik oleh Pegawai Pengawal. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Jabatan atau Timbalan Ketua Jabatan dan bertanggungjawab memilih kontraktor yang layak dengan keputusan secara sebulat suara. Semakan Audit mendapati 11 sebut harga bagi perolehan bernilai RM2.15 juta di HTAA dan HTF tidak mematuhi kehendak pekeliling tersebut apabila mesyuarat dan keputusan sebut harga telah diputuskan oleh jawatankuasa yang tidak sah kerana terdapat ahli yang tidak dilantik oleh Pegawai Pengawal. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 39.3
KEPUTUSAN JAWATANKUASA SEBUT HARGA DENGAN KEAHLIAN YANG TIDAK DILANTIK PEGAWAI PENGAWAL

AHLI MESYUARAT	RUJUKAN SEBUTHARGA	PERALATAN	NILAI (RM)
Hospital Sultanah Aminah - Rujukan Sebut Harga HSAJB/KEW/SH/			
Mesyuarat Dipengerusikan Oleh Pegawai Yang Tidak Dilantik Oleh Pegawai Pengawal - Timbalan Pengarah Hospital (Klinikal)	136/2010	*Endoanal and Endorectal Ultra Sound*	299,900
	135/2010	*Harmonic Scalpel*	195,600
	131/2010	*High End Colour Ultrasound Scanner*	329,900
	127/2010	*ICU Bed*	120,000
	115/2010	*Fluid Management System*	487,350
	90/2010	*Central Station*	59,900
	102/2010	*Pneumatic Kerrison Punch*	154,600
	89/2010	*Cardiac Monitor*	59,900
	88/2010	*Infusion Pump With Drug Library*	58,500
	Jumlah		**1,765,650**
Hospital Tuanku Fauziah			
Ahli Jawatankuasa Tidak Dilantik Oleh Pegawai Pengawal - Ketua Penolong Pengarah (Sumber Manusia)	021/2010(B)	*Electrosurgical Unit*	175,000
	020/2010(B)	*Laparoscopic Unit*	207,100
	Jumlah		**382,100**
JUMLAH BESAR			**2,147,750**

39.5.1.3. Surat Setuju Terima

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menghendaki Surat Setuju Terima (SST) tawaran kepada syarikat hendaklah ditandatangani oleh pegawai yang mempunyai kuasa menandatangani kontrak di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949. Semakan Audit mendapati 52 SST bagi perolehan bernilai RM45.06 juta ditandatangani oleh pegawai yang tidak mempunyai kuasa di BP&P, HSA dan HTAA. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 39.4
SST DITANDATANGANI OLEH PEGAWAI YANG TIADA KUASA

NAMA PEGAWAI/JAWATAN	JUMLAH SST	NILAI PERALATAN (RM Juta)
Bahagian Perolehan Dan Penswastaan, Kementerian		
Timbalan Setiausaha Bahagian	1	5.90
Ketua Penolong Setiausaha (Perolehan)	19	30.89
Hospital Sultanah Aminah		
Timbalan Pengarah (Klinikal)	4	1.20
Timbalan Pengarah (Pembedahan)	1	0.12
Penolong Akauntan	3	0.96
Hospital Tuanku Fauziah		
Timbalan Pengarah (Perubatan)	5	0.87
Timbalan Pengarah (Pengurusan)	1	0.08
Hospital Tengku Ampuan Afzan		
Pegawai Farmasi	15	4.26
Pegawai Farmasi	3	0.78
JUMLAH	**52**	**45.06**

39.5.1.4. Bon Pelaksanaan

Arahan Perbendaharaan 176.2 menghendaki pembekal bagi perolehan bernilai melebihi RM200,000 mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 2.5% daripada nilai bekalan. Semakan Audit mendapati 10 perolehan bernilai RM3.19 juta di HDOK, HTAA dan HTF tidak disertakan dengan Bon Pelaksanaan bernilai RM81,831. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 39.5
PEROLEHAN MELEBIHI RM200,000 TANPA BON PELAKSANAAN

NO. SEBUT HARGA	PERIHAL SEBUTHARGA	NILAI (RM Juta)	NILAI BON (RM)
Hospital Duchess of Kent			
(HDOK)BP(S)199/12/MED.1/1	*Endoscope Video System*	0.29	7,250
Hospital Tengku Ampuan Afzan			
Q/30/UFB/HTAA/KTN:2010	*Video Camera System With Cart*	0.42	10,540
Q/34/UFB/HTAA/KTN:2010	*Bed Side Monitor*	0.45	13,343
Q/35/UFB/HTAA/KTN:2010	*CCU Beds (Intensive Support)*	0.40	9,900
Q/45/UFB/HTAA/KTN:2010	*Surgical Supplimentary Set*	0.24	6,070
Q/58/UFB/HTAA/KTN:2010	*Portable Bed Side Monitoring*	0.27	6,825
Bil.(06)JF/HTAA.004(3)Jld.10	*Ventilator*	0.24	6,000
Hospital Tuanku Fauziah			
020/2010(B)	*Laparoscopic Unit*	0.21	5,178
03/2010(B)	*Haemodialysis Machine*	0.29	7,350
017/2010(B)	*Wireless System*	0.38	9,375
JUMLAH		**3.19**	**81,831**

39.5.1.5. Tandatangan Kontrak

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menghendaki kontrak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan daripada SST dikeluarkan. Semakan Audit mendapati 5 kontrak di BP&P bernilai RM27.25 juta telah lewat ditandatangani antara 9 hingga 74 hari. Senarai kontrak tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 39.6
KONTRAK LEWAT DITANDATANGANI

NO. KONTRAK/PERIHAL	TARIKH TANDATANGAN		KELEWATAN (Hari)	NILAI KONTRAK (RM Juta)
	SST	KONTRAK		
T/P&P:15/2008 / Intensive Care Ventilator	04.09.2008	05.03.2009	61	3.00
T/P&P:2/2008 / CT-Scan 64 Slice	17.09.2008	30.01.2009	14	8.31
KKM/69/2009 9152/2009)K / Digital Mobile C-Arm Fluroscopy	24.07.2009	02.12.2009	9	0.49
T/B1/2010(PJKN.PHG) / Mesin X-Ray Statik	19.07.2010	21.01.2011	63	2.57
T/P&P:7/2010(CT64) / Multidetector CT Scanner	11.06.2010	23.12.2010	74	12.88
JUMLAH			**9 - 74**	**27.25**

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan peraturan semasa perolehan barang import dipatuhi; mengambil tindakan terhadap keputusan sebut harga yang tidak sah kerana diputuskan oleh pegawai tanpa kuasa; memberi latihan berterusan terhadap pengurusan perolehan bagi memastikan pengurusan bon pelaksanaan teratur dan Surat Setuju Terima ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa. Kementerian juga perlu memastikan kontrak ditandatangani dalam tempoh ditetapkan bagi memastikan kepentingan Kerajaan dipelihara sepanjang tempoh kontrak.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Pembetulan telah diambil selepas teguran Audit di mana permohonan kelulusan perolehan barang import telah dihantar kepada MITI pada bulan Disember 2011. Bagaimanapun, maklum balas mengenainya masih belum diterima. Kementerian juga telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri agar memastikan semua PTJ mematuhi peraturan semasa dan merencanakan bengkel teguran Audit bagi pegawai dan kakitangan berkaitan.

39.5.2. Penerimaan Peralatan

Pembekal dikehendaki membekalkan peralatan mengikut tempoh yang ditetapkan supaya peralatan tersebut dapat digunakan dengan segera mengikut tujuan ianya dibeli. Semakan Audit di HDOK mendapati sebanyak 11 peralatan yang dipesan melalui sebut harga/ pembelian terus berjumlah RM1.03 juta telah lewat dibekalkan antara 34 hingga 92 hari. Bagaimanapun, denda tidak dapat dikenakan terhadap pembekal terlibat kerana syarat berhubung pengenaan denda tidak dinyatakan dalam dokumen sebut harga/pesanan kerajaan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 39.7
PERALATAN LEWAT DITERIMA

PERALATAN	TARIKH PATUT TERIMA	TARIKH SEBENAR TERIMA	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	NILAI (RM)
Craniotomy Set Consisting	24.09.2010	09.12.2010	75	48,580
CTG Machine Philips Avalon	29.09.2010	22.12.2010	84	39,960
High Performance Patient Vital Sign	29.09.2010	22.12.2010	84	34,500

PERALATAN	TARIKH PATUT TERIMA	TARIKH SEBENAR TERIMA	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	NILAI (RM)
Holter Monitoring System	29.09.2010	28.12.2010	90	48,900
Philips Cardiac Monitor	29.09.2010	08.12.2010	70	24,602
Endoscope Processor	08.11.2010	22.12.2010	44	110,000
Complete Endoscope Video System	15.11.2010	22.12.2010	37	289,998
4 Channel Cardiorespiratory Monitoring	17.11.2010	30.12.2010	43	49,497
Colonoscope	18.11.2010	22.12.2010	34	199,980
Gastroscope	18.11.2010	22.12.2010	37	160,000
Philips ECG PageWriter Touch	29.09.2010	30.12.2010	92	19,820
JUMLAH			**34 - 92**	**1,025,837**

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah meningkatkan pemantauan terhadap pembekalan peralatan bagi memastikan pembekal membekalkan peralatan mengikut tempoh yang ditetapkan. Kementerian juga perlu menjalankan siasatan dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang cuai sehingga menyebabkan kepentingan Kerajaan terjejas.

39.5.3. Pengurusan Pembayaran

39.5.3.1. Pengujian Dan Pentauliahan

Dokumen sebut harga/pembelian terus bagi perolehan beberapa peralatan perubatan dan bukan perubatan menghendaki pengujian dan pentauliahan [Testing and Commissioning (T&C)] dijalankan sebelum pembayaran dibuat sepenuhnya. Pengujian dan pentauliahan ini bertujuan untuk memastikan peralatan yang diterima adalah lengkap dan boleh berfungsi dengan baik. Semakan Audit mendapati pembayaran sepenuhnya sebanyak RM0.70 juta telah dibuat bagi 21 peralatan antara 7 hingga 131 hari lebih awal sebelum pengujian dan pentauliahan dijalankan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 39.8
PEMBAYARAN DIBUAT SEBELUM PENGUJIAN DAN PENTAULIAHAN

PERALATAN	TARIKH / NO. BAUCAR BAYARAN	TARIKH T&C	TEMPOH BAYARAN SEBELUM T&C (Hari)	NILAI (RM)
Hospital Duchess Of Kent				
Lullaby Phototherapy System & Top Infusion/Syringe Pump	26.11.2009 / D2973	12.01.2010	47	23,280
Resuscitation Trolley	06.01.2010 / D3659	28.01.2010	22	18,400
Portable X2 Monitor	05.01.2010 / D3671	13.01.2010	8	29,980
Hospital Mechanical Single Bed	06.01.2010 / D3710	28.01.2010	22	36,500
Vital Sign Monitor Lower Range	06.01.2010 / D3773	13.01.2010	7	47,920
ESG System	06.01.2010 / D3774	10.03.2010	63	32,400
Vital Sign Monitor Medium Range	06.01.2010 / D3750	13.01.2010	7	43,200
Centrifuge	03.01.2011 / E4509	21.02.2011	49	29,296
Vortex Mixer	03.01.2011 / E4509	21.02.2011	49	1,596
Apnoea Monitor	05.01.2011 / E4650	15.03.2011	69	15,376
Apnoea Monitor	04.01.2011 / E4677	15.03.2011	69	3,472
Sample Concentrator	03.01.2011 / E4525	21.02.2011	50	5,296
Gas Chromatography	04.01.2011 / E4648	26.01.2011	22	58,975
Philips Cardiac Monitor	17.12.2010 / E3983	03.01.2011	17	24,800
Air Compressor (Vacuum Pump)	03.01.2011 / E4510	21.02.2011	50	1,896
Desktop PC & Printer	03.01.2011 / E4510	21.02.2011	50	2,990
Infant Radiant Warmer - 3 unit	05.01.2011 / E4661	11.04.2011	96	53,700
Infant Radiant Warmer	06.01.2011 / E4678	11.04.2011	97	17,900

PERALATAN	TARIKH / NO. BAUCAR BAYARAN	TARIKH T&C	TEMPOH BAYARAN SEBELUM T&C (Hari)	NILAI (RM)
Hospital Sultanah Aminah				
Pediatric Ventilator	30.11.2009 / X1579	30.04.2010	120	120,000
Neonatal Ventilator With SIPPV	30.11.2009 / X1578	22.12.2009	22	120,000
AV Impulse System	11.12.2009 / X2224	21.04.2010	131	12,400
JUMLAH			**7 - 131**	**699,377**

39.5.3.2. Sistem ePerolehan

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2008 menghendaki pusat tanggungjawab yang menggunakan Sistem ePerolehan membuat pemotongan sebanyak 0.8% daripada nilai baucar bayaran atau maksimum sebanyak RM9,600 bagi setiap transaksi melebihi RM1.20 juta kepada pengendali sistem tersebut iaitu Commerce Dot Com Sdn. Bhd. (CDC). Penyataan yang sama juga telah dimaklumkan kepada kontraktor dalam dokumen tender sebelum kontraktor memasuki tender Kementerian. Semakan Audit mendapati Bahagian Perolehan dan Penswastaan, Kementerian telah menyediakan garis panduan yang silap dalam pengiraan bayaran 0.8% sehingga boleh menyebabkan kontraktor menetapkan harga fi perkhidmatan melebihi nilai sepatutnya sebagaimana dinyatakan dalam perenggan 32 dalam Arahan Kepada Petender. Semakan Audit selanjutnya mendapati pemotongan bayaran kepada CDC tidak dibuat terhadap invois kontraktor oleh pusat tanggungjawab yang tidak menggunakan Sistem ePerolehan menyebabkan bayaran sebanyak RM1.01 juta telah terlebih dibayar kepada kontraktor. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 39.9
BAYARAN TERLEBIH DIBAYAR

PUSAT TANGGUNGJAWAB	JUMLAH KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)	JUMLAH TERLEBIH DIBAYAR (RM Juta)
Program Perubatan, Kementerian	28	121.56	0.97
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang	1	2.57	0.02
Jabatan Kesihatan Negeri Johor	2	2.41	0.02
JUMLAH	**41**	**126.54**	**1.01**

39.5.3.3. Bayaran Dalam Tempoh 14 Hari

Arahan Perbendaharaan 103 menghendaki bayaran dibuat dengan segera dalam tempoh 14 hari dari tarikh bil diterima dengan lengkap dan sempurna. Bagi mematuhi arahan tersebut, Ketua Jabatan hendaklah menyelenggara satu daftar bil dan memeriksanya tidak kurang dari sekali sebulan. Semakan Audit mendapati 18 bil bagi perkhidmatan Biomedical Engineering Maintenance Services (BEMS) dan Facility Engineering Maintenance Services (FEMS) oleh syarikat konsesi berjumlah RM10.38 juta telah lewat dibayar antara 28 hingga 179 hari oleh HDOK, HTF dan HSA. Semakan Audit juga mendapati bil tersebut tidak didaftarkan di dalam daftar bil semasa diterima dan hanya akan didaftarkan apabila bayaran hendak dibuat. Maklumat lanjut senarai bil terlibat seperti di jadual berikut:

JADUAL 39.10
BIL LEWAT DIBAYAR DAN TIDAK DIDAFTAR DALAM DAFTAR BIL

PERKHIDMATAN	TARIKH			KELEWATAN (Hari)	NILAI (RM Juta)
	INVOIS	TERIMA	BAYAR		
Hospital Duchess Of Kent					
FEMS November 2010	01.12.2010	23.12.2010	22.03.2011	89	0.47
BEMS November 2010	01.12.2010	23.12.2010		89	0.14
FEMS Disember 2010	31.12.2010	07.01.2010		74	0.47
BEMS Disember 2010	31.12.2010	07.01.2010		74	0.19

PERKHIDMATAN	TARIKH			KELEWATAN (Hari)	NILAI (RM Juta)
	INVOIS	TERIMA	BAYAR		
Hospital Tuanku Fauziah					
FEMS Disember 2010	31.12.2010	14.01.2010	25.02.2011	28	0.33
BEMS Disember 2010	31.12.2010	14.01.2010		28	0.31
Hospital Sultanah Aminah					
FEMS Julai 2010	02.08.2010	02.08.2010	28.01.2011	179	7.02
BEMS Julai 2010	02.08.2010	02.08.2010		179	
FEMS Ogos 2010	01.09.2010	01.09.2010		150	
BEMS Ogos 2010	01.09.2010	01.09.2010		150	
FEMS September 2010	01.10.2010	01.10.2010		120	
BEMS September 2010	01.10.2010	01.10.2010		120	
FEMS Oktober 2010	01.11.2010	01.11.2010		89	
BEMS Oktober 2010	01.11.2010	01.11.2010		89	
FEMS November 2010	01.12.2010	01.12.2010		59	
BEMS November 2010	01.12.2010	01.12.2010		59	
FEMS Disember 2010	03.01.2010	03.01.2010	13.04.2011	99	0.79
BEMS Disember 2010	03.01.2010	03.01.2010	15.04.2010	101	0.66
JUMLAH				**28 - 179**	**10.38**

39.5.3.4. Laporan Bil Tertunggak

Pihak hospital pada setiap bulan akan menghantar Laporan Kedudukan Bil Tertunggak kepada Jabatan Kesihatan Negeri dan laporan tersebut akan dihantar kepada Kementerian. Kementerian pula menghantar laporan tersebut kepada Kementerian Kewangan bagi tujuan pemantauan oleh pihak Kerajaan. Bagaimanapun berdasarkan rekod di peringkat hospital yang dilawati, **laporan yang dihantar oleh pihak Kementerian kepada Kementerian Kewangan adalah tidak tepat** kerana bil yang masih belum dibayar seperti di **Jadual 39.10** di atas tidak direkodkan dalam daftar bil seterusnya tidak dinyatakan sebagai bil tertunggak.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Jawatankuasa Siasatan akan ditubuhkan bagi menyiasat improper payment yang berlaku. Kementerian juga telah dan sedang mengutip lebihan bayaran perkhidmatan ePerolehan serta mengeluarkan arahan supaya semakan dibuat terhadap kontrak agar perkara sama tidak berulang. Bayaran tidak dapat dibuat dalam tempoh ditetapkan kerana peruntukan tidak mencukupi.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memandang serius dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka yang membuat bayaran sebelum pengujian dan pentauliahan dijalankan yang merupakan kes *improper payment*. Kementerian juga hendaklah memastikan laporan bil tertunggak yang dihantar kepada Kementerian Kewangan adalah laporan yang betul dan tepat.

39.5.4. Penggunaan Peralatan

Lawatan Audit di HTAA mendapati 119 unit peralatan bernilai RM4.04 juta yang telah diterima antara bulan Julai hingga Disember 2010 masih belum digunakan kerana lokasi penempatan sebenar peralatan tersebut masih belum disiapkan. Semakan Audit mendapati peralatan tersebut ditempatkan sementara di pelbagai lokasi seperti di kuarters Pengarah Hospital, asrama jururawat, stor linen dan di beberapa bilik doktor pakar. Perolehan terlalu awal telah menyebabkan peralatan tersebut tidak dapat digunakan sebelum tempoh waranti tamat. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 39.11
PERALATAN TIDAK DIGUNAKAN DI HTAA

PERALATAN	TARIKH DIBEKALKAN	BILANGAN (Unit)	NILAI (RM)
Coronary Care Unit			
Ripple Mattress	30.08.2010	3	3,600
Non Invasive Ventilator	02.09.2010	4	257,600
Warming Blanket - Warm Air	11.10.2010	4	28,000
Coronary Intensive Care Unit			
Vacuum Outlet Regulator	02.07.2010	6	5,880
Oxygen Outlet Regulator	02.07.2010	6	7,200
High Suction Regulator	05.07.2010	5	4,900
Portable Suction Low and High	06.07.2010	2	9,800
Sponging Trolley	07.07.2010	3	5,640
Low Suction Regulator	07.07.2010	5	8,470
Transport Ventilator	05.08.2010	1	54,800
Blood Warmer	16.08.2010	2	30,000
High Frequency Ventilator	26.08.2010	1	149,000
Bronchoscope Video System	26.08.2010	1	149,850
Ultrasound General	26.08.2010	1	194,800
Thermal Blanket	11.10.2010	4	28,000
Mobile X-Ray Lead	08.11.2010	2	6,500
Central Monitor With Printer	01.12.2010	2	296,000
Radiant Warmer	10.12.2010	2	43,000
Operating Theather Surgery			
Instrument Trolley	02.07.2010	6	5,298
Mayo Trolley	02.07.2010	2	1,500
Drip Stand	02.07.2010	4	2,000
Harmonic Scalpel	13.07.2010	1	192,980
Storage Trolley	27.07.2010	6	6,900
Vacuum Apparatus	16.08.2010	2	18,165
Operating Table	23.08.2010	1	248,980
Diathermy Machine Dual User	23.08.2010	1	48,780
Video Camera System With Cart	26.08.2010	1	421,603
Rigid Bronchoscope Set - Adult	26.08.2010	1	46,085
Rigid Bronchoscope Set - Child	26.08.2010	1	49,994
Adult Pump Set	26.08.2010	2	120,852
Paediatric Pump Set	26.08.2010	2	167,558
Adult Thoracotomy Set	26.08.2010	2	124,854
Valve Extra Set	26.08.2010	2	62,512
Chest Reopen Set	26.08.2010	1	46,835
Basin Stand	26.08.2010	2	1,120
Telescope For Vein Harvesting	02.09.2010	1	49,584
Appendix Set	22.09.2010	1	27,907
CABG Extra	28.09.2010	3	197,199
Surgical Supplementory Set	28.09.2010	1	242,785
Graft Flow Machine	28.09.2010	1	249,900
Adult Thoraco Extra	28.09.2010	1	45,000
Paediatric Thoraco Extra	28.09.2010	1	35,000
Small Surgery Set	28.09.2010	1	52,520
Paediatric Thoracotomy Set	28.09.2010	2	69,966
Troli Berlaci	05.10.2010	11	9,449
Portable Operation Light	08.11.2010	1	50,000
CABG Micro Set	08.11.2010	2	58,048
Sternal Saw Set - Vertical Cut	15.12.2010	2	108,000
JUMLAH		**119**	**4,044,414**

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Perolehan peralatan dan kerja pembinaan telah diluluskan dan disalurkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua pada tahun 2010. Kerja pembinaan yang dijangka siap pada Julai tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak JKR. Arahan telah dikeluarkan agar semua peralatan digunakan serta merta manakala surat permohonan telah dihantar kepada semua pembekal peralatan memohon pelanjutan tempoh waranti peralatan tersebut.

Pada pendapat Audit, perancangan yang teliti terhadap keperluan perolehan sesuatu peralatan boleh mengurangkan risiko berlakunya pembaziran akibat peralatan tidak digunakan. Kementerian perlu berbincang dengan pihak pembekal berkaitan tempoh waranti bagi memastikan tempoh tersebut dipanjangkan sehingga ia mula digunakan.

39.5.5. Pemeriksaan Tahunan Aset

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset kerajaan hendaklah diperiksa sekurang-kurangnya sekali setahun. Tujuan pemeriksaan adalah untuk mengetahui keadaan dan prestasinya serta memastikan memiliki daftar dan rekod yang lengkap. Laporan Pemeriksaan Harta Modal berkaitan (KEW. PA-10) hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan. Semakan Audit mendapati pemeriksaan tahunan di kesemua hospital yang dilawati telah dijalankan mengikut jadual yang dirancang.

39.5.6. Penyenggaraan Peralatan

Kementerian sejak Oktober 1996 telah menandatangani perjanjian dengan 3 syarikat konsesi bagi melaksanakan penyenggaraan peralatan di hospital. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

39.5.6.1. Tempoh Pembaikan Peralatan Oleh Syarikat Konsesi

Mengikut perjanjian, peralatan yang dihantar untuk pembaikan oleh syarikat konsesi hendaklah dibaiki dalam tempoh 15 hari. Sekiranya gagal dibaiki dalam tempoh tersebut, pihak hospital boleh melantik pihak ketiga untuk membaikinya dan penalti boleh dikenakan atas kelewatan tersebut. Semakan Audit di HTF pada 13 Julai 2011 mendapati walaupun penalti telah dikenakan, masih terdapat 48 peralatan belum dibaiki selepas 15 hari dihantar oleh pihak hospital iaitu kelewatan antara 16 hingga 229 hari seperti di **Jadual 39.12**. Pihak Audit difahamkan keadaan ini berlaku kerana penalti yang dikenakan adalah jauh lebih rendah berbanding kos pembaikan.

JADUAL 39.12
PEMBAIKAN ASET BIOMEDICAL MELEBIHI 15 HARI

BUTIRAN	NO. ASET	TARIKH DIHANTAR	KELEWATAN (Hari)
Physiologic Monitoring System	010002114	27.11.2010	229
Physiologic Monitoring System	010002116	16.02.2011	148
Physiologic Monitoring System	010002117	24.02.2011	140
Crimpers	010009571	04.03.2011	132
Warming Unit	010009198	15.03.2011	121
Physiologic Monitoring System	010002485	16.03.2011	120
Drills, Bone	010009286	22.03.2011	114
Analyser, Laboratory	010009161	12.04.2011	93
Cast Cutter Vacuum	010009976	14.04.2011	91
Infusion Pump	010002148	15.04.2011	90
Infusion Pump	010002137	15.04.2011	90
Tables, Operating	010002476	21.04.2011	84

BUTIRAN	NO. ASET	TARIKH DIHANTAR	KELEWATAN (Hari)
Physiologic Monitoring System	010002115	24.04.2011	81
Physiologic Monitoring System	010010190	27.04.2011	78
Physiologic Monitoring System	010010113	28.04.2011	77
Physiologic Monitoring System	010002097	03.05.2011	72
Analyser, Laboratory	010002207	03.05.2011	72
Physiologic Monitoring System	010009916	09.05.2011	66
CTG Machine	010002853	14.05.2011	61
Oximeter, Pulse	010002458	16.05.2011	59
Defibrillators	010009516	22.05.2011	53
Ventilator	010010028	24.05.2011	51
Mattress System	010009103	25.05.2011	50
Haemodialysis Machine	010010093	25.05.2011	50
Haemodialysis Machine	010001481	25.05.2011	50
Microscope, Light	010003801	26.05.2011	49
Laser Imagers	010009364	27.05.2011	48
Sigmoidoscope	010002043	27.05.2011	48
Perimeters, Ophthalmic	010000512	30.05.2011	45
Ventilators, Intensive Care	010009083	04.06.2011	40
Analyser, Laboratory	010009031	06.06.2011	38
Physiologic Monitoring System	010002267	13.06.2011	31
Latch For Bubble Catcher	010001480	15.06.2011	29
Castor And Stepper Motor	010009328	15.06.2011	29
Rinse Chamber	010002032	15.06.2011	29
Rinse Chamber	010000952	15.06.2011	29
Ophthalmoscope	010001493	16.06.2011	28
Physiologic Monitoring System	010010189	16.06.2011	28
Physiologic Monitoring System	010010178	17.06.2011	27
Analyser, Laboratory	010009031	19.06.2011	25
Warming Unit	010000051	20.06.2011	24
Slit Lamp	010002274	21.06.2011	23
Haemodialysis Machine	010002032	21.06.2011	23
Physiologic Monitoring System	010010215	22.06.2011	22
Haemodialysis Machine	010002634	22.06.2011	22
Physiologic Monitoring System	010002267	23.06.2011	21
Haemodialysis Machine	010010216	28.06.2011	16
Electrosurgical Unit	010000028	28.06.2011	16

39.5.6.2. Penggunaan Klausa Terhadap Syarikat Konsesi

Peruntukan Klausa 8.2, 21.2 dan 23.1 dalam perjanjian konsesi membenarkan Kerajaan melantik pihak ketiga sekiranya syarikat konsesi gagal memberikan perkhidmatan yang sepatutnya atau gagal membaiki peralatan yang rosak. Kos bagi pembaikan yang dilaksanakan oleh pihak ketiga akan ditanggung oleh syarikat konsesi. Semakan mendapati perkara berikut:

a. Hospital Sultanah Aminah (HSA)

Pada bulan September 2009, HSA telah menguatkuasakan klausa 21.2 kepada syarikat konsesi akibat daripada kegagalan untuk melaksanakan penyenggaraan terhadap *chiller* bagi sistem penyaman udara berpusat di bangunan Poliklinik HSA. Dengan menguatkuasakan klausa 21.2, HSA telah melantik pihak ketiga untuk menyenggarakan mesin tersebut bermula bulan Oktober 2009 dan berterusan sehingga lawatan Audit pada bulan Julai 2011. Semakan Audit mendapati:

i. **Kesilapan Koding**

Berdasarkan semakan terhadap baucar bayaran, didapati bayaran bernilai RM0.63 juta, telah dibuat kepada Syarikat Haza Engineering bagi tujuan **penyenggaraan mesin *chiller*** di bangunan poliklinik dengan menggunakan kod objek 28000. Bagaimanapun didapati bayaran tersebut sebenarnya adalah bagi tujuan **penyewaan mesin *chiller*** seperti **Gambar 39.1** yang sepatutnya dibayar menggunakan kod objek 24000. Semakan Audit selanjutnya mendapati peruntukan di bawah kod objek 28000 (penyenggaraan) digunakan disebabkan tiadanya peruntukkan di bawah objek 24000 (penyewaan). Pihak HSA sepatutnya membuat pindah peruntukan bagi bayaran tersebut.



GAMBAR 39.1

Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru
- Mesin Chiller Yang Disewa
(27.07.2011)

ii. **Pemotongan Bayaran Bil Pihak Konsesi**

Semakan Audit mendapati HSA telah membuat pemotongan bayaran bil daripada syarikat konsesi sebanyak RM30,000 setiap bulan atau RM0.63 juta sepanjang tempoh penyewaan *chiller* daripada pihak ketiga (Oktober 2009 hingga Jun 2011) melalui notis bertarikh 2 Oktober 2009. Bagaimanapun, pada tarikh yang sama Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan (BPK), Kementerian telah melaksanakan pemeriksaan terhadap kerosakan *chiller* tersebut dan didapati kerosakan yang berlaku disebabkan oleh beberapa faktor seperti penggunaan telah melebihi 20 tahun, percanggahan piawaian, ketidakupayaan sistem bagi memenuhi keperluan beban penyejukan semasa dan penggunaan tenaga yang tidak optimum. Makluman mengenai laporan tersebut telah dipanjangkan kepada pengarah HSA pada 2 November 2009. BPK telah mencadangkan agar kerja naik taraf dibuat dengan segera dan diklasifikasikan sebagai darurat. Pihak Audit mendapati potongan yang dibuat oleh pihak hospital kepada syarikat konsesi sebanyak RM0.63 juta adalah tidak teratur kerana kerosakan yang berlaku bukan disebabkan penyenggaraan yang tidak dibuat oleh pihak konsesi tetapi disebabkan kerosakan sebagaimana dilaporkan oleh pihak Kementerian sendiri.

iii. ***Chiller* Rosak Tidak Dilupuskan**

Semakan Audit selanjutnya mendapati 2 unit *chiller* yang telah rosak seperti **Gambar 39.2** masih belum diambil tindakan pelupusan oleh pihak hospital. Tindakan melewatkan proses pelupusan menyebabkan pihak hospital berterusan membayar yuran penyenggaraan sedangkan perkhidmatan tersebut tidak dijalankan oleh syarikat konsesi. Semakan Audit juga mendapati hospital ini tidak mengeluarkan arahan memberhentikan kerja penyenggaraan menyebabkan hospital terus mengenakan tindakan pemotongan kepada pihak konsesi sebanyak RM30,000 sebulan daripada yuran penyenggaraan.



GAMBAR 39.2

Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru - Mesin Chiller Rosak Belum Dilupuskan (27.07.2011)

iv. **Pelantikan Pihak Ketiga Tanpa Melalui Sebut Harga/Tender**

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 menghendaki perolehan yang melebihi RM50,000 hingga RM500,000 setahun dibuat melalui sebut harga, manakala perolehan melebihi RM500,000 melalui proses tender. Semakan Audit mendapati perolehan penyewaan 2 mesin *chiller* berjumlah RM0.63 juta tidak dibuat melalui proses tender sebaliknya melalui pembelian terus.

v. **Perjanjian Kontrak Tidak Ditandatangani**

Arahan Perbendaharaan 176 menghendaki kontrak formal ditandatangani bagi perolehan bekalan/perkhidmatan bermasa. Kontrak tersebut hendaklah disemak dan diluluskan oleh Peguam Negara atau Penasihat Undang-undang dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949. Semakan Audit mendapati perolehan perkhidmatan penyewaan *chiller* sejak Oktober 2009 hingga Jun 2011 bernilai RM0.63 juta tidak diikat dengan sebarang kontrak.

b. Hospital Duchess Of Kent (HDOK)

Semakan Audit di HDOK mendapati syarikat konsesi gagal membaiki peralatan BEMS dan FEMS menyebabkan Kerajaan terpaksa mendapatkan khidmat pihak ketiga untuk membaik pulih peralatan melibatkan kos berjumlah RM40,855 seperti di jadual berikut:

JADUAL 39.13
BAYARAN KOS PEMBAIKAN DI BAWAH KLAUSA 8.2 DAN 21.2

NAMA PEMBEKAL	BUTIRAN	RUJUKAN PESANAN KERAJAAN	JUMLAH (RM)
Farmasi Aslam	*Hitachi 912 Chemistry Analyser*	LO 251140401100280	27,240
Farmasi Aslam	Penyenggaraan *Hitachi 912 Chemistry Analyser*	LO 251140401100504	2,000
Hexamine Sdn. Bhd.	*Autoclave Model Getting E/733HC (USA)*	LO 251140401101200	8,000
Shining Star Trading Sdn. Bhd.	Mesin Fotostat - Minolta *Digital Copier Di 3510*	LO 251140401101498	3,615
JUMLAH			**40,855**

Semakan Audit selanjutnya mendapati kos pembaikan peralatan dan penyenggaraan peralatan *Hitachi 912 Chemistry Analyser* berjumlah RM29,240 tidak dituntut semula melalui potongan bayaran perkhidmatan sebaliknya dibayar kepada Kelab Kebajikan dan Rekreasi Hospital Duchess Of Kent bagi tujuan kerja pengubahsuaian bilik pemeriksaan dan bilik *sluice* dengan kos berjumlah RM29,000. Semakan selanjutnya mendapati kos pembaikan Autoclave Model Getting E/733HC berjumlah RM8,000 digantikan dengan *reimbursable work* bernilai RM8,435 dan kos pembaikan mesin Fotostat Minolta Digital Copier Di3510 berjumlah RM3,615 diganti dengan kerja-kerja bernilai RM3,510. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 39.14
KOS PEMBAIKAN DI BAWAH KLAUSA 8.2 DAN 21.2 DI *OFF SET* DENGAN KERJA-KERJA

BUTIRAN	NILAI (RM)	JENIS KERJA	NILAI (RM)
Hitachi 912 Chemistry Analyser	27,240	- Pengubahsuaian Bilik Pemeriksaan Dan Bilik *Sluice*	29,000
Penyenggaraan *Hitachi 912 Chemistry Analyser*	2,000		
Autoclave Model Getting E/733HC (USA)	8,000	- *To Fix 2 Units Sink*	829
		- *To Construct Metal Grill*	3,551
		- *Rewiring 17 x 2 Unit Of Socket And Install 2 Unit Of 2" Of Flourescent Light*	2,930
		- *To Repair, Supply And Install 3 Cabinets*	1,125
Mesin Fotostat - Minolta *Digital Copier Di 3510*	3,615	- Kerja Pemindahan Peralatan	1,600
		- Kerja Pemindahan Dan Penambahan Talian Telefon *Extension* 5507 Dan 5508	750
		- Kerja Pemindahan Dan Penggantian Kabel Telefon *Extension* 5506 Dan 5513	800
JUMLAH	**40,855**	**JUMLAH**	**40,585**

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Syarikat konsesi masih bertanggungjawab untuk menyenggara chiller tersebut kerana masih belum mengemukakan permohonan Exemption list bagi perkhidmatan yang tidak dapat memenuhi Master Agreed Procedure (MAP) dan Technical Requirements and Performance Indicators (TRPI) untuk menamatkan perkhidmatan. Jawatankuasa siasatan akan ditubuhkan bagi menyiasat perkara tersebut.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan syarat dalam Perjanjian Konsesi dipatuhi oleh kedua pihak dan mengkaji jumlah penalti yang patut dikenakan. Kementerian juga perlu memastikan pemotongan bayaran kepada syarikat konsesi dibuat dengan teratur. Amalan melunaskan tuntutan secara menggantikannya dengan kerja-kerja ubahsuai pejabat adalah bertentangan dengan peraturan kewangan. Perolehan kerja hendaklah dibuat melalui prosedur biasa seperti sebut harga atau perolehan terus dan ianya perlu didokumentasikan sewajarnya.

39.5.7. Penyenggaraan Peralatan ICT

Kementerian pada bulan November 2010 telah menandatangani perjanjian perkhidmatan sokongan dan penyenggaraan bagi perkakasan dan perisian ICT bagi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bernilai RM2.04 juta bagi tempoh 2 tahun (1 November 2010 hingga 31 Oktober 2012) dengan Edaran IT Services Sdn. Bhd. Semakan Audit di HDOK mendapati perkara berikut:

39.5.7.1. Dokumen Perjanjian Lewat Dibekalkan Kepada Hospital

Berdasarkan rekod, dokumen kontrak telah dihantar kepada HDOK melalui Jabatan Kesihatan Negeri Sabah oleh Bahagian Perolehan dan Penswastaan, Kementerian pada 4 Mac 2011 dan telah diterima pada 21 Mac 2011. Ini bermakna dokumen tersebut hanya diterima selepas empat bulan perkhidmatan dilaksanakan oleh kontraktor. Ketiadaan dokumen kontrak menyebabkan pemantauan kerja oleh kontraktor sukar dilaksanakan oleh pihak HDOK.

39.5.7.2. Perkhidmatan Penyenggaraan Oleh Dua Syarikat

Kementerian telah menandatangani perjanjian perkhidmatan sokongan dan penyenggaraan perkakasan dan perisian ICT di HDOK melibatkan 174 komputer, 133 pencetak dan 5 *switch* dengan nilai kontrak sebanyak RM105,758 seperti di **Jadual 39.15**. Semakan Audit mendapati penyenggaraan bagi sebahagian perkakasan ICT tersebut telah dilaksanakan oleh dua syarikat iaitu syarikat konsesi dan Edaran IT Services Sdn. Bhd. melibatkan 78 komputer dan 47 pencetak. Perkara ini berlaku disebabkan pihak HDOK hanya memberi notis kepada syarikat konsesi mulai bulan Mei 2011 untuk menamatkan perkhidmatan dan menyebabkan Kementerian telah membayar yuran perkhidmatan penyenggaraan kepada dua syarikat bagi perkakasan ICT yang sama mulai bulan November 2010. Bagaimanapun, lebihan bayaran tersebut tidak dapat dipastikan kerana tidak diperolehi daripada pihak HDOK.

JADUAL 39.15
SENARAI PERKAKASAN ICT DAN KOS PENYENGGARAAN BAGI HOSPITAL DUCHES OF KENT

PERKAKASAN	BILANGAN (Unit)	KOS SENGGARA SETAHUN (RM)	JUMLAH BAGI 2 TAHUN (RM)
Komputer	174	182	63,336
Pencetak	133	152	40,432
Switch	5	199	1,990
JUMLAH			**105,758**

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Jawatankuasa siasatan telah ditubuhkan bagi menyiasat perkara tersebut.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu menjalankan siasatan lanjut bagaimana perkhidmatan yang sama dilaksanakan oleh dua syarikat secara serentak dan memastikan perkara yang sama tidak berlaku di Pusat Tanggungjawab yang lain.

39.5.8. Pelupusan Aset

Tatacara pelupusan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan pelupusan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari surat kelulusan; pelanjutan tempoh pelupusan hendaklah dikemukakan kepada kuasa melulus dalam tempoh 2 minggu sebelum tamat tempoh pelupusan; kelulusan baru perlu diperolehi selepas tamat tempoh pelanjutan; pelupusan dibuat dalam tempoh kelulusan; Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan (KEW. PA-18) dan Sijil Pelupusan Aset (KEW. PA-19) disediakan dan KEW. PA-19 dikemukakan kepada pihak berkuasa berkaitan. Antara tujuan pelupusan dilakukan adalah untuk memastikan jabatan/agensi Kerajaan tidak menyimpan aset yang tidak boleh digunakan/diperlukan serta menjimatkan ruang simpanan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

39.5.8.1. Pelupusan Melebihi Tempoh Ditetapkan

Perakuan Pelupusan (KEW. PA-16) hendaklah diperolehi sebelum proses pelupusan dilaksanakan. Nilai aset yang dinyatakan dalam Perakuan Pelupusan hanya sah dalam tempoh setahun. Sekiranya pelupusan tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh tersebut, aset hendaklah dinilai semula mengikut nilai semasa. Semakan Audit di HSA mendapati 50 aset bernilai RM0.96 juta yang telah dilanjutkan perakuan pelupusan kali kedua pada 21 Oktober 2010 masih belum dilupuskan. Sebahagian perakuan pelupusan asal telah diperolehi pada bulan Julai 2009. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 39.16
PERALATAN TELAH MEMPEROLEH
LANJUTAN PERAKUAN PELUPUSAN MASIH BELUM DILUPUSKAN

BUTIRAN ASET	NO. ASET	NILAI ASET (RM)
Aspirators	HSA04371	1,500
ECG Monitors	HSA10159	51,860
Electrocardiographs, Single	HSA13653	3,700
Electromyographs	HSA18144	99,980
Fetal Heart Detectors	HSA17838	1,780
Fetal Heart Detectors	HSA19015	1,450
Fetal Heart Detectors	HSA24432	1,700
Incubators, Infant	HSA00132	8,500
Incubators, Infant	HSA01127	17,500
Incubators, Infant, Mobile	HSA00101	16,989
Incubators, Infant, Mobile	HSA01582	17,500
Infusion Pump, General Purpose	HSA00734	1,600
Infusion Pump, General Purpose	HSA01581	4,530
Infusion Pump, General Purpose	HSA03963	3,300
Infusion Pump, Syringe	HSA01626	2,500
Infusion Pump, Syringe	HSA01811	2,400
Infusion Pump, Syringe	HSA02581	2,400
Infusion Pump, Syringe	HSA03442	3,300
Infusion Pump, Syringe	HSA03928	4,850
Infusion Pump, Syringe	HSA04414	1,745
Infusion Pump, Syringe	HSA04994	1,745
Infusion Pump, Syringe	HSA06761	2,100
Infusion Pump, Syringe	HSA10381	3,500
Infusion Pump, Syringe	HSA10385	2,300
Infusion Pump, Syringe	HSA10386	1,795
Infusion Pump, Syringe	HSA16637	2,490
Infusion Pump, Syringe	HSA16640	2,490
Infusion Pump, Syringe	HSA18674	2,990
Pacemakers, Cardiac External	HSA12309	5,000
Photocopier	HSA02530	7,245
Photocopier	HSA02814	7,245
Phototherapy Units, Ultraviolet	HSA00123	3,000
Phototherapy Units, Ultraviolet	HSA03974	2,500
Pulse Oximeter	HSA00386	8,000
Pulse Oximeter	HSA03124	6,839
Pulse Oximeter	HSA11003	7,800
Pulse Oximeter	HSA17109	7,160
Pulse Oximeter	HSA17529	5,880
Pulse Oximeter	HSA19082	6,500
Pulse Oximeter	HSA19083	6,500
Radiographic Systems, Film	HSA01994	299,806
Radiographic/Fluoroscopic Units	HSA03669	166,000
Scanning Systems, Ultrasonic	HSA16652	28,000
Sphygmomanometers, Electronic	HSA00938	4,500
Sphygmomanometers, Electronic	HSA18117	16,800
Sphygmomanometers, Electronic	HSA19021	16,800
Ventilators, Anesthesia	HSA02350	23,085
Ventilators, Intensive Care	HSA14829	25,058
Ventilators, Intensive Care	HSA23077	20,000
Warming Units, Radiant, Infant	HSA13600	20,000
JUMLAH		**962,212**

39.5.8.2. Aset Belum Dilupuskan

Semakan Audit mendapati aset yang telah usang, tiada dalam simpanan dan tidak digunakan sejak tahun 2000 seperti di **Gambar 39.3** hingga **39.6** dan **Jadual 39.17** masih belum dilupuskan di HDOK (RM0.39 juta), HSA (RM8.6 juta) dan HTF (rekod tidak diperolehi kerana musnah akibat banjir). Semakan selanjutnya mendapati aset tersebut masih tersenarai dalam jadual penyenggaraan oleh syarikat konsesi. Bagaimanapun yuran penyenggaraan yang telah dibayar tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit.

JADUAL 39.17
ASET BELUM DILUPUSKAN DAN MASIH DIKENAKAN YURAN PENYENGGARAAN

BUTIRAN ASET	NO. ASET	TARIKH AKHIR DIGUNAKAN	TARIKH PPM TERAKHIR	NILAI ASET (RM)
Hospital Duches Of Kent				
Analysers	900001238	2000	01.01.2006	43,000
Analysers	900001302	2000	27.04.2008	63,000
Analysers	900001247	2000	20.01.2008	35,200
Analysers	900000004	2000	10.02.2008	27,500
Analysers	900000005	2000	27.01.2008	15,500
Bilirubinometers	900001231	2000	11.03.2007	11,000
Centrifuges	900001280	2000	06.01.2008	8,000
Centrifuges	900001241	2000	13.01.2008	23,500
Electrical Analysers	900020686	2000	24.01.2010	21,500
Electrical Appliances	900000591	2000	15.08.2010	5,000
Electrical Appliances	900021736	2000	29.03.2009	2,800
Electrical Appliances	900000592	2000	17.08.2009	500
Equipment Oven & Drier	900001260	2000	31.05.2009	5,000
Equipment Oven & Drier	900001266	2000	05.04.2009	5,000
Photometers	900001233	2000	26.04.2009	8,000
Shakers Lab	900000013	2000	29.06.2008	11,800
Spectrophotometers	900001228	2000	07.01.2007	8,688
Spectrophotometers	900001229	2000	08.01.2006	18,000
Strerilisation Unit	900001262	2000	06.01.2008	15,000
Analysers	900000006	2001	21.02.2010	28,000
Centrifuges	900001248	2001	26.02.2006	4,000
Centrifuges	900001237	2001	15.01.2006	8,874
Mixer Clinical	900001247	2003	19.10.2005	3,000
Refrigerator	900001269	2003	07.06.2009	950
Analysers	900021566	2006	17.01.2008	17,500
JUMLAH				**390,312**
Hospital Sultanah Aminah				
ACT Tester II	BELAB05-0007	Tiada Maklumat	27.07.2007	6,500
Air Conditioning Unit	FMACU02-0259		08.08.2002	3,700
Champ Cycle	FMRHB04-0052		21.05.2009	3,040
Champ Cycle	FMRHB04-0052		21.05.2009	3,040
Mesin Hemodialisis	BEHDU01-0038		18.04.2011	41,800
Mesin Hemodialisis	BEHDU01-0041		13.04.2009	41,800
Mesin Hemodialisis	BEHDU01-0034		16.03.2010	41,000
Mesin Hemodialisis	BEHDU01-0035		16.03.2010	41,000
Pencetak	FECMP02-0112		01.12.2004	650
Penimbang Berdiri	FMWGT04-0032		30.01.2007	700
Cassette Holder	BEIMG41-0006		30.03.2011	230,000
Daylight Film Processor	BEIMG22-0030		17.02.2011	269,199

BUTIRAN ASET	NO. ASET	TARIKH AKHIR DIGUNAKAN	TARIKH PPM TERAKHIR	NILAI ASET (RM)
Daylight Processor	BEIMG22-0033		17.02.2010	105,000
Densitometer	BEANL25-0001		15.12.2010	2,000
Erect Bucky Stand	BEIMG41-0003		18.03.2010	12,500
Erect Bucky Stand	BEIMG41-0001		14.02.2010	12,500
Fluoroscopy Machine	BEIMG03-0001		06.10.2002	909,877
Fluoroscopy Machine	BEIMG03-0002		24.12.2008	909,877
Konica Cassette Holder	BEIMG41-0005		22.02.2011	269,199
Magnetic Resonance Imaging	BEIMG12-0005		25.02.2011	4,061,000
Mammography	BEIMG04-0001		15.03.2010	295,169
Mesin Statik	BEIMG01-0019		24.04.2010	285,411
Mesin X-Ray : Philips	BEIMG01-0010		18.03.2007	299,806
Mobile X-Ray : GE AMX4	BEIMG05-0004	Tiada Maklumat	06.05.2011	45,000
Mobile X-Ray AMX4	BEIMG05-0005		13.01.2008	45,000
Multi-Image Camera	BEIMG42-0001		24.12.2010	45,000
Processor : FUJI	BEIMG44-0011		24.02.2011	35,000
Processor : Protec	BEIMG21-0013		30.03.2011	48,000
Processor : Protec	BEIMG21-0007	Tiada Maklumat	17.02.2011	48,000
Static X-Ray Machine	BEIMG01-0006		08.03.2009	199,333
Static X-Ray Machine	BEIMG01-0001		07.01.2010	199,333
X-Ray Film Labellers	BEIMG16-0002		16.12.2010	1,000
Washer	FMSNT01-0004	2006	20.05.2011	84,600
JUMLAH				**8,595,034**

Nota: ***PPM - Planned Preventive Maintenance***

GAMBAR 39.3



GAMBAR 39.4




Hospital Duchess Of Kent, Sandakan
- Peralatan Rosak Seperti Centrifuges, Tabletop, Oven Dan Drier Masih Belum Dilupuskan
(17.06.2011)

GAMBAR 39.5



Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru
- Peralatan Rosak Seperti Mobile X-Ray Dan Peralatan Elektrik Masih Belum Dilupuskan
(27.07.2011)

GAMBAR 39.6



Hospital Tuanku Fauziah, Kangar
- Peralatan Rosak Seperti Centrifuges, Tabletop Dan Peti Sejuk Masih Belum Dilupuskan
(14.07.2011)

39.5.8.3. Kos Penyenggaraan Melebihi Kos Perolehan

Salah satu kriteria yang boleh digunakan untuk melupuskan peralatan ialah apabila jumlah penyenggaraan aset telah menyamai nilai perolehan aset tersebut. Semakan Audit mendapati kos penyenggaraan bagi 57 aset telah melebihi di antara 1.0 hingga 14.5 kali ganda daripada nilai perolehan aset tersebut. Bagaimanapun tindakan pelupusan masih belum diambil/diambil setelah kos penyenggaraan melebihi kos perolehan. Butiran aset terlibat seperti di jadual berikut:

JADUAL 39.18
KOS PENYENGGARAAN MELEBIHI KOS PEROLEHAN PERALATAN

NAMA ASET	TAHUN PEROLEHAN	NO. ASET	KOS (RM)		KOS PENYENGGARAAN BERBANDING KOS PEROLEHAN (Kali)
			PEROLEHAN	SENGGARA	
Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru					
Concentrators, Oxygen	Tiada Maklumat	BEOXY02-0032	450	6,540	14.5
Laryngoscopes, Rigid		BELRY01-0006	500	7,150	14.3
Flowmeters, Gas		BEANE02-0097	338	4,549	13.5
Sphygmomanometers		BEBPS01-0022	238	2,988	12.6
Sphygmomanometers		BEBPS01-0040	238	1,818	7.6
Aspirators		BEASP01-0385	950	5,003	5.3
Aspirators		BEASP01-0386	950	4,895	5.2
Circulatory Assist Unit		BETRP09-0002	17,500	68,959	3.9
Circulatory Assist Unit		BETRP09-0001	17,500	64,852	3.7
Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan					
Food Service Cooker	1992	014001904	2,000	4,085	2.1
Food Service Cooker	1992	014001908	2,800	2,910	1.0
Food Service Cooker	1992	014001909	2,800	3,210	1.2
Food Service Cooker	1992	014001912	2,800	3,657	1.4
Fan Coil Unit	1994	014001765	2,200	2,454	1.1
Freezer	2002	014027105	4,500	5,334	1.2
Hospital Tuanku Fauziah, Kangar					
Electrical Appliances	1994	010003301	980	1,250	1.3
Centrifuges, Tabletop	1995	010000607	4,000	5,200	1.3
Window Air Conditioner	1995	010007592	1,700	6,839	4.0
Window Air Conditioner	1995	010000930	1,700	8,178	4.8
Window Air Conditioner	1995	010007593	1,700	6,389	3.8
Window Air Conditioner	1995	010007591	1,700	5,992	3.5
Fire Protection Hose Reel	1995	010003326	500	2,634	5.3
Centrifuges, Tabletop	1996	010000643	4,000	6,770	1.7
Med. Gas. Oxy Man.	1996	010001312	33,652	66,983	2.0
Fire Protection Water Pump	1996	010003712	6,500	7,307	1.1
Fire Protection Water Pump	1996	010003709	2,000	2,219	1.1
Analyzers, Laboratory	1997	010003808	24,000	26,846	1.1
Ophthalmoscopes	1997	010912815	500	2,513	5.0
Headlights	1997	010911963	500	2,924	5.8
Otoscopes	1997	010912849	500	2,020	4.0
Handpieces, Dental	1997	010911161	500	2,589	5.2
Analyzers, Laboratory	1999	010001819	45,000	49,019	1.1
Sphygmomanometers	1999	010003976	200	952	4.8
Window Air Conditioner	1999	010007821	1,580	9,349	5.9

NAMA ASET	TAHUN PEROLEHAN	NO. ASET	KOS (RM)		KOS PENYENGGARAAN BERBANDING KOS PEROLEHAN (Kali)
			PEROLEHAN	SENGGARA	
Window Air Conditioner	1999	010007831	1,580	9,695	6.1
Window Air Conditioner	1999	010007820	1,580	9,055	5.7
Physiologic Monitoring	2000	010001449	24,950	25,772	1.0
Electrocardiographs	2001	010002236	6,800	8,253	1.2
Sphygmomanometers	2001	010002056	6,600	6,716	1.0
Sphygmomanometers	2001	010002048	6,600	8,491	1.3
Sphygmomanometers	2001	010002061	6,600	7,513	1.1
Sphygmomanometers	2001	010002062	6,600	7,673	1.2
Sphygmomanometers	2001	010002894	6,600	7,642	1.2
Colonoscopes, Video	2001	010002221	5,292	7,395	1.4
Light Sources, Fiberoptic	2001	010002231	4,500	20,108	4.5
Video Image Processor	2001	010002230	4,000	19,940	5.0
Choledochoscopes	2001	010002224	2,300	14,110	6.1
Infusion Pumps, Syringe	2001	010002183	2,180	2,810	1.3
Heamodialysis Machine	2002	010002296	20,000	21,203	1.1
Heamodialysis Machine	2002	010002212	20,000	29,347	1.5
Computer	2002	010007004	215	400	1.9
Mattress Systems	2003	010002502	5,000	9,165	1.8
Drills, Bone	2003	010009286	4,500	23,850	5.3
Printer	2003	010002748	255	644	2.5
Electrical Appliances	2004	010009812	3,200	7,730	2.4
Drills, Bone	2005	010009177	5,000	16,700	3.3
Cardiotocographs	2008	010009945	22,800	22,945	1.0

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Tindakan pelupusan aset sedang diambil oleh hospital terlibat.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan tindakan pelupusan diambil dengan segera bagi menjimatkan ruang dan notis pemberhentian perkhidmatan penyenggaraan dikeluarkan dengan teratur bagi mengelakkan kos penyenggaraan terus dibayar.

39.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan peralatan hospital dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dibuat, adalah disyorkan supaya Kementerian Kesihatan Malaysia melaksanakan perkara berikut:

39.6.1. Meningkatkan pemantauan terhadap pembekalan peralatan bagi memastikan pembekal membekalkan peralatan mengikut tempoh yang ditetapkan. Sehubungan ini, Kementerian disyorkan supaya memasukkan syarat pengenaan denda terhadap pembekal yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya di dalam dokumen sebut harga. Selain itu, pegawai yang bertanggungjawab menerima peralatan hendaklah juga dibekalkan dengan salinan spesifikasi peralatan.

39.6.2. Memandang serius dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang membuat bayaran sebelum pengujian dan pentauliahan dijalankan yang merupakan kes *improper payment*.

39.6.3. Menuntut kembali lebihan bayaran daripada syarikat dan menyemak kembali prosedur kontrak. Pegawai yang menguruskan kontrak dan bayaran juga perlu memahami kandungan kontrak sebelum bayaran dibuat.

39.6.4. Perancangan yang teliti terhadap keperluan perolehan sesuatu peralatan boleh mengurangkan risiko berlakunya pembaziran akibat peralatan tidak digunakan.

39.6.5. Rekod berhubung dengan setiap peralatan perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memastikan setiap peralatan diguna dan disenggarakan dengan sewajarnya serta memudahkan kawalan dan rujukan.

39.6.6. Menyemak kembali perjanjian dengan syarikat konsesi bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap bayaran yuran penyenggaraan.

39.6.7. Memastikan peralatan yang telah usang, rosak dan tidak digunakan segera dikeluarkan dalam senarai penyenggaraan oleh syarikat konsesi untuk mengelakkan bayaran terus dibuat terhadap peralatan yang tidak digunakan.

39.6.8. Semua hospital Kerajaan hendaklah menjalankan latihan secara berterusan dalam bidang pengurusan perolehan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 315-324 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

40. PROJEK PEMBINAAN HOSPITAL KLUANG, JOHOR

40.1. LATAR BELAKANG

40.1.1. Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) telah menandatangani perjanjian projek pembinaan Hospital Kluang, Johor berkapasiti 256 unit katil dengan Kluang Health Care Sdn. Bhd. (Kluang HC) bagi menggantikan hospital sedia ada. Pembangunan hospital baru antara lainnya bertujuan untuk memenuhi keperluan rakyat yang semakin meningkat bagi perkhidmatan kesihatan yang komprehensif, berkesan, berkualiti, mudah diperolehi, berteknologi serta mengurangkan masalah kesesakan di hospital sedia ada.

40.1.2. Kontrak yang ditandatangani oleh Kementerian meliputi tempoh selama 8 bulan (Februari hingga Oktober 2006) bagi Projek Fasa I (kerja tanah dan tembok penahan) dan 33 bulan (September 2007 hingga Jun 2010) bagi Projek Fasa II (mereka bentuk, membina, melengkap, mentauliah dan menyenggara). Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina (design and build) di mana Kluang HC bertanggungjawab sepenuhnya bagi semua peringkat pelaksanaan projek dari penyiasatan tapak, penyediaan reka bentuk, pembinaan, penyeliaan, pembekalan, pemasangan dan pentauliahan peralatan serta penyenggaraannya sehingga tamat tempoh tanggungan kecacatan. Pelantikan Kluang HC telah dibuat secara rundingan terus.

40.1.3. Kementerian pada bulan Jun 2008 telah melantik KIP Management Sdn. Bhd. (KIP) sebagai Perunding Pengurusan Projek (PMC) dengan kos RM9.06 juta. Ketua Setiausaha Kementerian telah bertindak sebagai Pengarah Projek manakala Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan dilantik sebagai Wakil Pengarah Projek. Projek ini telah siap dibina pada 12 Oktober 2011 dan mula beroperasi pada 30 Disember 2011.

40.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek pembinaan Hospital Kluang telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

40.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan Hospital Kluang bagi Fasa II. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Perancangan dan Pembangunan; Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan; dan Bahagian Perolehan dan Penswastaan di peringkat Kementerian.

40.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan projek. Lawatan, pemeriksaan dan temu bual dengan pegawai Kementerian, Kluang HC dan KIP juga telah diadakan.

40.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2011 mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan projek pembinaan Hospital Kluang adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti berikut:

i. pelantikan perunding mengambil masa 66 bulan atau 5½ tahun daripada tarikh Surat Niat dikeluarkan;

ii. yuran profesional perunding terlebih dinyatakan sejumlah RM0.74 juta dan RM0.62 juta telah lebih dibayar;

iii. bayaran perunding sebanyak RM0.75 juta dibayar sebelum kontrak ditandatangani;

iv. asas kelulusan bagi Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa (EOT) ke-2 dan ke-3 adalah diragui;

v. kerja pembinaan yang berkualiti rendah;

vi. terdapat kerja yang masih belum dibuat semasa lawatan Audit;

vii. perolehan 385 peralatan import bernilai RM11.64 juta dibuat tanpa kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri walaupun nilai perolehan melebihi RM50,000;

viii. sebanyak 158 unit kuarters yang dibina masih tidak diduduki oleh kakitangan hospital; dan

ix. kemudahan kerja awalan tidak mengikut spesifikasi kontrak.

Penjelasan lanjut berhubung dengan penemuan Audit dan maklum balas Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

40.5.1. Prestasi Projek Pembinaan

Mengikut syarat kontrak, projek Fasa II perlu disiapkan dalam tempoh 33 bulan atau 1,002 hari iaitu daripada 3 September 2007 hingga 3 Jun 2010. Bagaimanapun, berdasarkan kepada laporan kemajuan kerja pada 7 Jun 2010, kemajuan kerja adalah setakat 78.1% sahaja. Kontraktor telah diluluskan 3 Lanjutan Masa (EOT) selama 430 hari (14 bulan) iaitu sehingga 7 Ogos 2011. Lanjutan masa yang diluluskan meliputi 42.9% dari tempoh kontrak asal. Projek hanya disiapkan dan diserahkan kepada Kementerian pada 12 Oktober 2011. Dengan itu, Kluang HC telah dikenakan denda berjumlah RM3.95 juta atas kelewatan menyiapkan projek. Butiran prestasi projek pembinaan Hospital Kluang adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 40.1
PRESTASI PROJEK PEMBINAAN HOSPITAL KLUANG

PERKARA	TARIKH PROJEK PATUT SIAP	TEMPOH LANJUTAN MASA (Hari)	KEMAJUAN KERJA		KELEWATAN (%)
			TARIKH	PERATUS (%)	
Kontrak Asal	03.06.2010	-	07.06.2010	78.1	21.9
EOT 1	14.01.2011	225	22.01.2011	91.5	8.5
EOT 2	14.04.2011	90	15.04.2011	94.5	5.5
EOT 3	07.08.2011	115	07.08.2011	99.7	0.3
JUMLAH HARI		430			

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Kementerian sentiasa berusaha meningkatkan pemantauan dan kawalan bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Tiga notis amaran bagi menamatkan kontrak telah dikeluarkan kepada pihak kontraktor. Bagaimanapun pada 25 Mei 2010, Jawatankuasa Projek Sakit telah

memutuskan bahawa pihak kontraktor patut diberi peluang terakhir untuk menyiapkan projek ini.

40.5.2. Pengurusan Pembinaan

40.5.2.1. Pelantikan Kontraktor

a. Kementerian Kewangan pada 26 Februari 2002 telah mengeluarkan Surat Niat bagi membina Hospital Kluang kepada Konsortium Kluang HC yang dianggotai oleh 3 syarikat iaitu Kluang Medical Center Sdn. Bhd. (55%), Quasar Medical Sdn. Bhd. (25%) dan Harta Indera Sdn. Bhd. (20%). Pada tahun 2006 dan 2007, Kluang HC selaku konsortium yang diwujudkan telah mengikat 2 perjanjian dengan Kementerian bernilai RM380.81 juta bagi Projek Fasa I (RM12.9 juta) dan Projek Fasa II (RM367.91 juta).

b. Menurut Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520), adalah menjadi keperluan mandatori kepada kontraktor untuk berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB). Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, selain berdaftar dengan CIDB, kontraktor kerja juga hendaklah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). Semakan Audit mendapati Kluang HC telah berdaftar dengan CIDB sebagai kontraktor kelas G7 tetapi tidak berdaftar dengan PKK serta tidak mempunyai pengalaman dalam bidang pembinaan atau mengendalikan projek pembinaan hospital.

c. Rundingan harga telah diadakan antara Kluang HC dan Kementerian bagi menetapkan harga kontrak sebelum ia dikemukakan untuk kelulusan Kementerian Kewangan. Sungguhpun Kementerian telah dapat menurunkan harga yang ditawarkan oleh Kluang HC berjumlah RM443.08 juta kepada RM380.81 juta iaitu penurunan sejumlah RM62.27 juta (14.1%), kos projek sebenarnya telah meningkat sejumlah RM25.56 juta. Ini kerana kos asal keseluruhan projek yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, JPM adalah RM355.25 juta. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 40.2
HARGA SEBELUM DAN SELEPAS RUNDINGAN HARGA

FASA	HARGA (RM Juta)		
	SEBELUM RUNDINGAN	SELEPAS RUNDINGAN	PERBEZAAN
Fasa I	20.48	12.90	7.58
Fasa II	422.6	367.91	54.69
JUMLAH	**443.08**	**380.81**	**62.27**

d. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 antaranya menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati kontrak bagi projek Fasa II lewat ditandatangani selama 6 bulan iaitu pada 18 Jun 2008 sedangkan SST telah dikeluarkan pada 20 Ogos 2007.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Salah sebuah syarikat pemegang saham Kluang Medical Center Sdn. Bhd. adalah Zelleco Infrastructure Sdn. Bhd. (ZISB) yang merupakan pemilik lesen PKK Kelas A berstatus Bumiputra. Permohonan Kluang HC untuk mendaftar dengan PKK telah ditolak kerana ZISB telah berdaftar dengan PKK dan ZISB telah memberi kebenaran bagi KHC menggunakan lesen dalam pelaksanaan projek ini. Manakala kelewatan menandatangani kontrak berlaku kerana dokumen kontrak yang

lengkap dan teratur lewat dikemukakan oleh kontraktor kepada pihak Kementerian untuk ditandatangan.

Pada pendapat Audit, Kementerian sepatutnya memastikan syarikat yang dilantik bagi melaksanakan projek ini berdaftar dengan PKK selaras dengan peraturan kewangan. Selain itu, Kementerian juga perlu mempercepatkan proses menandatangani kontrak untuk menjaga kepentingan Kerajaan pada masa hadapan.

40.5.2.2. Pelantikan Perunding Pengurusan Projek

Pelantikan Perunding Pengurusan Projek (PMC) telah diluluskan secara rundingan terus oleh Kementerian Kewangan pada 26 Februari 2002 manakala Surat Niat telah dikeluarkan oleh Kementerian pada 18 November 2002 kepada KIP Management Sdn. Bhd. (KIP). Semakan Audit terhadap pelantikan PMC mendapati perkara seperti berikut:

a. Proses rundingan yang dijalankan mengambil masa yang lama menyebabkan Surat Pelantikan Perunding hanya dikeluarkan pada 4 Jun 2008 iaitu selepas 66 bulan atau 5 ½ tahun daripada tarikh Surat Niat sedangkan kerja dan pemantauan oleh perunding telah bermula sejak Surat Niat dikeluarkan.

b. Kos perkhidmatan PMC telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 23 April 2008. Bagaimanapun, anggaran kos projek yang menjadi asas perkiraan bagi kos perunding melebihi RM50 juta daripada nilai keseluruhan kontrak Fasa I dan II. Lebihan tersebut merupakan anggaran kos untuk komponen pembangunan *Hospital Information System* (HIS) yang telah dikeluarkan daripada perancangan asal projek dan tiada dalam kontrak utama projek pembinaan Hospital Kluang. Ini menyebabkan yuran perkhidmatan 7 pegawai khusus untuk HIS berjumlah RM1.50 juta atau 15.9% daripada harga kontrak telah dimasukkan dalam Yuran Profesional PMC. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM0.74 juta yuran bagi peringkat pembinaan (RM0.62 juta) dan pos pembinaan (RM0.12 juta) sepatutnya dikeluarkan dan tidak dibayar kepada KIP kerana HIS telah dikeluarkan daripada kontrak.

c. Kementerian pada 15 November 2007 telah membayar Tuntutan No. 1 Yuran Profesional PMC kepada KIP berjumlah RM0.75 juta sungguhpun pada masa bayaran dibuat, kos perkhidmatan perunding belum dipohon dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan. *Memorandum of Agreement* (MOA) juga masih belum ditandatangani antara Kementerian dengan KIP.

d. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2006 menetapkan perjanjian perkhidmatan perunding perlu ditandatangani dalam tempoh satu bulan daripada tarikh kos perkhidmatan perunding diluluskan iaitu pada 23 April 2008. Semakan Audit mendapati perjanjian hanya ditandatangani pada 19 November 2008 iaitu lewat 6 bulan daripada tempoh sepatutnya.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Kelewatan surat pelantikan PMC dikeluarkan adalah kerana terdapat perubahan skop kerja di peringkat pra-pembinaan di samping proses kelulusan yuran dan pelantikan mengambil masa yang agak panjang. Bayaran yuran perkhidmatan bagi 7 pegawai HIS kepada PMC adalah meliputi kerja perundingan HIS di peringkat awal pelaksanaan projek ini pada tahun 2002 memandangkan pihak PMC telah melaksanakan kerja bermula dari tahun 2002 dan MOA hanya ditandatangani pada 19 November 2008. Pada 14 Ogos 2012, Kementerian dan KIP telah bersetuju agar sejumlah RM0.62 juta yuran perunding semasa pembinaan

yang telah terlebih dibayar oleh Kementerian dibayar balik oleh KIP. Manakala pada 25 September 2007, Kementerian Kewangan telah memberikan kelulusan khas kepada Kementerian untuk membuat pembayaran kepada pihak PMC. Kelewatan menandatangani MOA adalah kerana proses semakan dan kelulusan yang mengambil masa yang agak panjang serta terdapat kekeliruan tentang pelantikan PMC dalam arahan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2006. Kementerian juga telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan bagi menyiasat perkara tersebut.

Pada pendapat Audit, pembayaran di luar skop perjanjian adalah tidak teratur. Kementerian perlu memastikan peraturan pembayaran sentiasa dipatuhi dan perjanjian ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Selain itu, Kementerian juga perlu mengutip dengan segera lebihan bayaran yuran daripada perunding.

40.5.2.3. Pentadbiran Kontrak

a. Lanjutan Masa

Penyiapan kerja telah ditetapkan semasa permulaan projek dan adalah menjadi tanggungjawab kontraktor memastikan projek dapat disiapkan menurut tempoh yang dibenarkan dalam kontrak. Kontraktor akan diberikan lanjutan masa sekiranya dibuktikan bahawa Kerajaan telah menyumbang terhadap kelewatan penyiapan projek atau sebab di luar kawalannya sebagaimana dinyatakan dalam syarat kontrak. Lanjutan tempoh penyiapan diluluskan melalui Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (PKLM/EOT). Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. Bagi projek Fasa II, Kluang HC telah diluluskan 3 EOT bagi tempoh bulan Jun 2010 hingga Ogos 2011 dengan alasan seperti di **Jadual 40.3**. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati asas kelulusan EOT 2 dan 3 adalah diragui kerana taburan hujan pada masa tersebut adalah taburan biasa manakala alasan kelewatan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia (TM) adalah tanpa pengesahan oleh TNB dan TM.

JADUAL 40.3
TEMPOH DAN SEBAB KELULUSAN LANJUTAN MASA

EOT	TEMPOH	TARIKH LULUS	SEBAB LANJUTAN MASA
EOT 1	04.06.2010 -14.01.2011	02.06.2010	- Catuan bekalan air oleh Syarikat Air Johor. - Kelewatan penentuan lokasi pencawang elektrik. - Kenaikan harga bahan binaan.
EOT 2	15.01.2011 - 14.04.2011	12.01.2010	- Keadaan cuaca menjejaskan aktiviti projek. - Kelewatan bekalan elektrik oleh TNB.
EOT 3	15.04.2011 - 07.08.2011	04.05.2011	- Kelewatan bekalan elektrik oleh TNB. - Kelewatan kerja telekomunikasi oleh TM.

ii. Pengarah Projek perlu menimbang dan meluluskan EOT sebelum tarikh projek sepatutnya siap. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati EOT 3 hanya diluluskan pada 4 Mei 2011 iaitu 20 hari selepas daripada tarikh projek sepatutnya siap iaitu pada 14 April 2011.

b. Perakuan Kerja Tidak Siap

Apabila penyiapan kerja didapati telah terlambat dan sebab kelambatan tidak melayakkan kontraktor mendapat lanjutan masa, maka kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Kerajaan akibat daripada kelambatan tersebut adalah ditanggung oleh

kontraktor. Kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Kerajaan akan diperolehi semula daripada kontraktor melalui Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD). Untuk maksud mengenakan LAD, Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) hendaklah dikeluarkan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. Semua CNC yang dikeluarkan bagi tujuan untuk mengenakan LAD telah dikeluarkan dengan teratur dan sebelum tarikh akhir penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak;

ii. Pengarah Projek pada 8 Ogos 2011 telah mengeluarkan CNC kepada Kluang HC bagi mengenakan LAD berjumlah RM68,036 sehari manakala pada 12 Oktober 2011, Wakil Pengarah Projek telah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja (CPC) dan memperakukan bahawa kerja telah siap pada 5 Oktober 2011. Dengan itu, denda atas kelewatan berjumlah RM3.95 juta telah dikenakan ke atas kontraktor; dan

iii. Sungguhpun CPC telah diperakukan dan dikeluarkan oleh Pengarah Projek, semakan Audit mendapati masih terdapat kerja yang belum disiapkan oleh Kluang HC seperti pemasangan dan pentauliahan telefon. Semakan Audit selanjutnya mendapati keseluruhan dewan bedah tidak boleh digunakan bagi tujuan pembedahan. Prosedur pembedahan terpaksa dijalankan di dewan bedah hospital lama. Berdasarkan syarat kontrak, CPC sepatutnya tidak boleh dikeluarkan kerana masih terdapat kerja yang belum disiapkan oleh Kluang HC.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Kelewatan kontraktor menyiapkan projek adalah disebabkan cuaca buruk yang telah mengganggu kerja di tapak di samping kelewatan oleh TNB dan TM. Projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh EOT 2 kerana kesilapan PMC memberikan pengesyoran dan Kementerian telah mengeluarkan satu Laporan Ketidakpatuhan pada 23 Februari 2011 kepada PMC. Kelewatan meluluskan EOT 3 adalah disebabkan oleh pihak kontraktor lewat mengemukakan permohonan. Kementerian mendapati tiada had masa yang khusus ditetapkan dalam kontrak mengenai tempoh masa Pengarah Projek sepatutnya membuat keputusan bagi kelulusan lanjutan masa.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan asas kepada permohonan EOT dan pengeluaran CNC adalah selaras dengan peraturan sedia ada. Sungguhpun tiada had masa khusus ditetapkan dalam kontrak mengenai tempoh kelulusan EOT, namun tindakan Kementerian meluluskan EOT selepas tarikh siap asal/dipinda boleh menyebabkan syarat LAD tidak boleh dikuatkuasakan kerana masa bukan lagi menjadi teras kepada kontrak (time is at large). Selain itu, Kementerian seharusnya mempertimbangkan tindakan terhadap PMC atas kesilapan memberikan khidmat perundingan bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Kementerian juga perlu memantau kerja yang belum disiapkan oleh Kluang HC dibuat dengan segera dan memastikan dewan bedah dapat berfungsi dengan baik.

40.5.2.4. Kualiti Pembinaan

Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang diterima pakai supaya bangunan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Lawatan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Kerja Berkualiti Rendah

Pemeriksaan Audit di beberapa lokasi projek mendapati kerja pembinaan adalah berkualiti rendah seperti ditunjukkan dalam jadual dan gambar berikut:

JADUAL 40.4
KERJA YANG BERKUALITI RENDAH SEMASA LAWATAN AUDIT


LOKASI	PENEMUAN AUDIT
Aras 1 - Jabatan Sajian Dan Dietetik	• Aliran air tidak ke salur keluar di ruang cucian troli sampah. • Troli tersangkut di ruang cucian utama dan peralatan.
Aras 3 - Klinik Pakar	• Air bertakung di *drop off point.* • Aras penutup lurang lebih rendah daripada aras tanah. • Kerja lepaan tidak kemas.
Aras 4 - Jabatan Pensterilan	• Air bertakung dan pemasangan penghadang mengganggu laluan troli di ruang cucian troli. • Jubin jatuh/lekang (**Gambar 40.1**).
Aras 5 - Dewan Bedah	• Cat mengelupas (**Gambar 40.2**). • Lepaan lantai tidak kemas di bilik mesin. • Keseluruhan dewan bedah tidak boleh digunakan.
Aras 5 - Pejabat Pentadbiran	• Kedudukan pili air di luar kawasan wuduk surau lelaki (**Gambar 40.3**). • Pintu masuk tandas lelaki tidak boleh dibuka sepenuhnya.
Aras 11 - Aras Bumbung / Tangki Air	• Air bertakung pada *flat roof* dan *scupper drain.* • Penebat salur udara (aluminium foil) telah koyak dan boleh menyebabkan kondensasi. • Sebahagian konduktor elektrik hilang. • Terdapat kesan tebukan pada permukaan dinding. • Terdapat kesan bukaan pada permukaan lantai.
Asrama Jururawat	• Keretakan pada permukaan lantai di laluan berbumbung. • Kipas dipasang berdekatan siling dan kabinet (**Gambar 40.4**). • Pemasangan gabion yang tidak sempurna. • *Rain water down pipe* tidak disambung ke longkang.
Kuarters Blok A, B dan C	• Air bertakung, rumput tidak tumbuh dan dinding kotor. • Air bertakung di kawasan wakaf taman permainan. • Ampaian dipasang di luar rumah Blok C (**Gambar 40.5**). • Jubin singki jatuh/lekang di kuarters B14-4. • Kedudukan kipas pelawas tidak sesuai di B7-3 (**Gambar 40.6**). • Sebahagian konduktor elektrik hilang di aras bumbung. • Tombol kunci pintu dipasang terbalik di aras bumbung. • Pemasangan lampu jalan di parkir yang tidak sesuai (**Gambar 40.7**). • Turapan jalan yang tidak sempurna.
Parkir Utama	• Air bertakung. • Permukaan *kerb* jalan tidak dicat, cat pudar/mengelupas.
Sekitar Bangunan	• Pemasangan *grating* perimeter bangunan tidak kemas. • Pendawaian papan tanda masih tidak disambungkan.
Sistem Pembumian	• Sambungan tamatan pembumian telah berkarat menyebabkan kadar rintangan bumi menjadi tinggi dan ikatan akan mudah tertanggal. • Penamatan perlu menggunakan kaedah *Exothermic Welding* bagi mengelakkan keadaan sama berulang.

GAMBAR 40.1



Aras 4, Jabatan Pensterilan
- Jubin Jatuh/Lekang
(26.12.2011)

GAMBAR 40.2



Aras 5, Dewan Bedah
- Kerja Melepa Dan Mengecat Semula Dewan Bedah
(23.12.2011)

GAMBAR 40.3




Aras 5, Pejabat Pentadbiran
- Kedudukan Pili Di Luar Kawasan Wuduk Surau Lelaki
(30.12.2011)

GAMBAR 40.4




Asrama Jururawat
- Kipas Dipasang Berdekatan Siling Dan Kabinet
(29.12.2011)

GAMBAR 40.5



Kuarters Blok C
- Ampaian Dipasang Di Luar Rumah
(28.12.2011)

GAMBAR 40.6



Kuarters Blok B, B7-3
- Kedudukan Lokasi Pemasangan Kipas Pelawas Tidak Sesuai
(23.12.2011)



GAMBAR 40.7

Kuarters Blok A
- Pemasangan Lampu Jalan Di Parkir Yang Tidak Sesuai
(28.12.2011)

b. Kerja Masih Belum Dibuat


Pemeriksaan Audit juga mendapati terdapat kerja yang masih belum dibuat seperti ditunjukkan dalam jadual dan gambar berikut:

JADUAL 40.5
KERJA YANG MASIH BELUM DIBUAT SEMASA LAWATAN AUDIT

LOKASI	PENEMUAN AUDIT
Aras 1 - Stor Farmasi Utama	• Penggera tidak berfungsi pada almari ubat terkawal. • Pintu belakang stor tidak dilengkapi dengan CCTV. • Siling tidak dipasang di stor pukal. • Televisyen tidak dilengkapi dengan *aerial* di bilik rehat kakitangan.
Aras 3 - Dewan Bersalin	• Meja dan kelengkapan bilik perbincangan belum dipasang.
Aras 3 - Klinik Pakar	• Tidak ada *gutter* dan *rain water down pipe* untuk mengalirkan air ke longkang yang tertutup.
Aras 4 - Jabatan Pensterilan	• Tiada ruang penyenggaraan bagi mesin *autoclave* 1. • Tiada *exhaust-fan* di bilik mesin *autoclave*.
Aras 6 - Bilik Suis	• Tiada maklumat litar akhir dilekatkan di bahagian dalam pintu papan agihan.

LOKASI	PENEMUAN AUDIT
Aras 8 - Wad Kenanga	• Ruang jemuran tidak dipasang ampaian.
Aras 10 - Bilik AHU	• Kabel bumi ke *back box* soket dan suis tidak dipasang.
Aras 11 - Aras Bumbung / Tangki Air	• *Junction box* tidak ditutup serta penebat kabel terdedah (**Gambar 40.8**). • Kipas pelawas masih belum dipasang. • Pemasangan *fire barrier* pada laluan *trunking* tidak dipasang. • *Trunking* tidak ditutup sepenuhnya.
Unit Sokongan Hospital	• Pintu tandas lelaki tiada tombol kunci.
Asrama Jururawat	• Ampaian tidak dibina (**Gambar 40.9**). • Kabel bumi tidak disambungkan ke pintu papan suis. • Tiada *outlet* dan *floor trap* dipasang di aras tangki air. • Tiada maklumat litar akhir dilekatkan di bahagian dalam pintu papan agihan.
Kawasan Rekreasi	• Tiang gol/net belum dipasang di padang bola, gelanggang tenis, badminton/sepak takraw.
Kuarters Blok A - Aras Tangki Air	• Pemasangan kepingan bumbung dan *roofinsulation* tidak kemas. *Chicken wire netting* tidak dipasang.
Kuarters Blok B	• Tiada maklumat litar akhir dilekatkan di bahagian dalam pintu papan agihan - Bilik Suis, Bilik B-7-3. • Kabel bumi tidak disambungkan ke pintu papan suis. • Terdapat kesan lelehan air hujan di papan suis yang boleh menyebabkan litar pintas.
Blok Pencawang Utama	• Alas getah tidak diletakkan di hadapan papan suis. • *Chicken wire netting* tidak dipasang (**Gambar 40.10**). • Litar Sekematik dan rajah rawatan renjatan elektrik tidak dipasang. • Notis '***DILARANG MASUK, BAHAYA***' tidak dilekatkan pada pintu bilik suis. • Penutup sesalur tidak dipasang (**Gambar 40.11**). • Penutup longkang tidak dipasang sepenuhnya. • Rumput tidak tumbuh sepenuhnya/hakisan tanah. • Sistem pendawaian masih belum siap sepenuhnya.

GAMBAR 40.8




Aras 11, Bilik Tangki Air
- Junction Box Tidak Ditutup
Serta Penebat Kabel Terdedah
(22.12.2011)

GAMBAR 40.9



Asrama Jururawat
- Ampaian Tidak Dibina
(22.12.2011)

GAMBAR 40.10



Blok Pencawang Utama
- Chicken Wire Netting Tidak Dipasang
(29.12.2011)

GAMBAR 40.11



Blok Pencawang Utama
- Penutup Sesalur Tidak Dipasang
(30.12.2011)

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Kecacatan yang dilaporkan telah direkodkan dalam senarai kecacatan yang perlu diperbaiki oleh pihak kontraktor. Pemantauan rapi sentiasa dilaksanakan oleh pihak Kementerian melalui mesyuarat, lawatan dan teguran bertulis bagi memastikan kerja-kerja pembaikan dilaksanakan dengan sempurna. Kerja-kerja pembaikan telah dan sedang dilaksanakan di mana dewan bedah telah mula digunakan mulai 6 Mac 2012.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan semua kerja yang tidak mengikut spesifikasi, tidak sesuai dan masih belum dilaksanakan diambil tindakan pembaikan segera bagi menjamin kelancaran operasi hospital. Kementerian juga perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap Kluang HC dan KIP atas kegagalan menyiapkan kerja dengan sempurna.

40.5.3. Penggunaan Fasiliti

40.5.3.1. Perolehan Barangan Import

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2002 antaranya menghendaki perolehan barangan import bernilai melebihi RM50,000 perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) manakala barangan *ex-stock* perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Semakan Audit mendapati perolehan 385 unit peralatan bernilai RM11.64 juta tidak mendapat kelulusan daripada MITI atau Kementerian Kewangan sungguhpun nilai perolehan yang diimport melebihi RM50,000. Butiran peralatan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 40.6
PEROLEHAN TANPA MENDAPAT KELULUSAN MITI/KEMENTERIAN KEWANGAN

PERALATAN	NEGARA PENGELUAR	KUANTITI (Unit)	NILAI (RM)
Analyser Blood Gas Automatic	Denmark	4	296,800
Chair Patient Ophthalmic	Itali	5	94,563
Lamp Slit C/W Table and Stool	Jepun	4	69,043
Light Exam Mobile	Jerman	121	1,505,903
Monitor PT 10	Amerika	16	1,344,107
Photo Therapy Infant	Argentina	13	140,855
Pump Infusion Management System	Jerman	4	723,147
Radiant Warmer Unit	Argentina	9	181,732
Radiant Warmer With Baby Bed	Argentina	22	1,061,830
Refrigerator Blood 30 Bags	Jepun	4	62,646
Refrigerator Sin/Double Door 750L	Jepun	3	94,560
Refrigerator Vaccine Sin Door 120l	Jepun	5	59,185
Strainer Slide Auto	Jerman	4	394,000
Sterilizer Steam Generator	Sweden	3	1,374,961
Television 21"	Jepun	67	100,500
Television 29"	Jepun	47	84,600
Ventilator Adult, Pead Intensive	Amerika	10	1,113,537
Warmer Patient Air Blanket	Australia	24	388,355
Washer Disinfector	Sweden	4	854,515
Washer Sanitiser Bedpan	Sweden	13	546,222
X-Ray General	Jepun	3	1,146,989
JUMLAH		**385**	**11,638,050**

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Kelulusan MITI tidak dipohon kerana pembelian dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak kontraktor tanpa merujuk terlebih dahulu kepada Kementerian. Pihak PMC

juga telah gagal memantau keperluan ini bagi pihak Kementerian dan atas kecuaian tersebut, Kementerian telah mengeluarkan satu Laporan Ketidakpatuhan pada 23 Februari 2012. Kementerian juga telah mengemukakan permohonan kelulusan bagi pengimportan peralatan tersebut kepada MITI pada 9 Mac 2012. Kementerian juga telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan bagi menyiasat perkara tersebut.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu mendapatkan kelulusan agensi berkaitan bagi perolehan peralatan import sebelum perolehan dibuat.

40.5.3.2. Kuarters Kakitangan Hospital

Pembinaan Hospital Kluang juga merangkumi kompleks kediaman kakitangan dengan kapasiti 220 unit kuarters kelas D, F dan G. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2011, hanya 62 unit atau 28.2% kuarters telah dipohon untuk diduduki oleh kakitangan hospital dengan kekosongan sebanyak 158 unit. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 40.7
KEDUDUKAN PENGGUNAAN KUARTERS HOSPITAL KLUANG

KUARTERS	JUMLAH DIBINA (Unit)	JUMLAH DIPOHON (Unit)	JUMLAH KUARTERS TIDAK DIDUDUKI	
			(Unit)	(%)
Kelas D	70	23	47	67.1
Kelas F	50	17	33	66
Kelas G	100	22	78	78
JUMLAH	**220**	**62**	**158**	**71.8**

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Inisiatif mempromosikan Kuarters Hospital Kluang kepada pegawai di Hospital Kluang, Pejabat Kesihatan Daerah Kluang dan Pejabat Pergigian Daerah Kluang telah diambil dan masih menanti maklum balas. Jawatankuasa Perumahan Hospital Kluang juga telah memutuskan untuk memperuntukkan sebuah kuarters kelas D sebagai Rumah Khas Jabatan bagi Pengarah Hospital.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan kekosongan kuarters diisi dengan segera bagi mengelakkan pembaziran. Sekiranya tiada permohonan daripada pegawai di Hospital Kluang, tawaran perlu dibuka kepada pegawai Kerajaan yang lain bagi memastikan kuarters tersebut dapat digunakan secara maksimum dan segala kerosakan dapat dikenal pasti lebih awal dalam tempoh tanggungan kecacatan yang masih berkuat kuasa.

40.5.4. Kerja Awalan

Bagi memastikan kelancaran projek, kontraktor dikehendaki menyediakan beberapa kemudahan untuk kegunaan Pengarah Projek, wakil Pengarah Projek, perunding dan jurutera projek. Kemudahan tersebut dinyatakan dalam senarai kerja awalan sebagaimana ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1999. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

40.5.4.1. Penggunaan Khidmat Pengangkutan

Bagi kontrak kerja yang bernilai melebihi RM20 juta, penggunaan khidmat pengangkutan dibenarkan untuk 3 buah kereta pacuan 4 roda dan 3 buah motosikal. Berdasarkan kontrak, Kluang HC dikehendaki menyediakan 3 buah kereta pacuan 4 roda dengan

kapasiti 2,500cc manakala 3 buah motosikal 110cc. Bagaimanapun, adalah didapati Kluang HC tidak membekalkan kenderaan mengikut spesifikasi yang ditetapkan apabila hanya membekalkan 2 unit Kia Sorento 2,500cc, sebuah Perodua Kembara 1,300cc dan 3 unit motosikal Kriss 100cc. Perakuan terimaan bekalan tersebut telah dibuat oleh KIP dan pegawai di Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian. Semakan Audit juga mendapati bayaran yang dibuat adalah berdasarkan harga kontrak sungguhpun bekalan yang dihantar tidak mengikut spesifikasi.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Pertukaran kenderaan oleh PMC bertujuan untuk mengurangkan kos tuntutan perjalanan di mana sebuah kereta Sorento 2,500cc telah digantikan dengan sebuah kereta Perdana V6 2,000cc dengan harga perolehan RM110,000 dan sebuah kereta Perodua Kembara 1,300cc dengan harga perolehan dalam anggaran RM69,000. Sepanjang tempoh tahun 2005 hingga bulan Ogos 2006, hanya terdapat model Kriss 100cc sahaja di pasaran. Atas dasar mengutamakan penggunaan barangan keluaran tempatan, pihak Kementerian telah memilih penggunaan motosikal Kriss berkapasiti 100cc walaupun terdapat motosikal 110cc berjenama lain yang diimport. Kementerian juga telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan bagi menyiasat perkara tersebut.

40.5.4.2. Sistem *Executive Dashboard*

Kementerian telah memperuntukkan melalui dokumen kontrak agar bayaran sebanyak RM163,200 bagi 16 lesen (RM10,200/lesen) dibayar kepada Syarikat InSynchro Sdn. Bhd. bagi penggunaan Sistem *Executive Dashboard* untuk laporan pemantauan projek. Berdasarkan semakan terhadap kontrak kerja yang lain di Kementerian, lesen tersebut hanya bernilai RM6,500/lesen. Ini bermakna Kementerian telah membayar lebih RM59,200 daripada kadar sepatutnya.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Kos penyediaan web based project monitoring and control system for 16 license project hub and server adalah bernilai RM249,200 yang meliputi pemasangan, penyenggaraan selama 1+2 tahun dan sebuah server. Tiada kos bagi penyediaan lesen telah dinyatakan secara spesifik di dalam kontrak ini. Pelarasan harga yang sewajarnya akan dibuat sewaktu penyediaan Akaun Muktamad berhubung dengan perkara ini. Perbincangan dengan pihak kontraktor berhubung perkara ini telah dimulakan pada 12 Mac 2012. Jawatankuasa Siasatan telah ditubuhkan bagi menyiasat perkara ini.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memotong bayaran yang terlebih dibayar.

40.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan supaya Kementerian mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

40.6.1. Mempertimbangkan tindakan terhadap pegawai yang memperakukan dan meluluskan bayaran kepada PMC sebelum perjanjian ditandatangani.

40.6.2. Mengambil tindakan mengutip balik dengan segera bayaran yuran perunding terlebih dibayar.

40.6.3. Memantau kerja kontraktor dan memastikan kerja yang tidak mengikut spesifikasi, tidak sesuai dan belum dilaksanakan dapat dibuat dengan segera agar hospital baru dapat beroperasi secara maksimum. Tindakan juga perlu diambil terhadap kontraktor sekiranya gagal melaksanakan kerja tersebut.

40.6.4. Tawaran perlu dibuka kepada agensi Kerajaan yang lain sekiranya pegawai di hospital tidak berminat mendiami kuarters kakitangan bagi mengelakkan pembaziran.

40.6.5. Mengambil tindakan sewajarnya terhadap PMC sehingga disenaraihitamkan sekiranya berlaku kecuaian yang menyebabkan kerugian kepada Kerajaan memandangkan PMC telah diberikan Laporan Ketidakpatuhan.

40.6.6. Menjalankan siasatan lanjut dan mengambil tindakan terhadap pegawai yang cuai sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.

40.6.7. Keberkesanan pemantauan di peringkat Kementerian wajar dipertingkatkan dengan menyediakan latihan dalam bidang pengurusan perolehan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan projek.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 325-332
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

41. PENGURUSAN PERKHIDMATAN LINEN DAN DOBI

41.1. LATAR BELAKANG

41.1.1. Perkhidmatan linen dan dobi merupakan perkhidmatan bagi membekal linen bersih ke hospital Kerajaan. Perkhidmatan ini telah diswastakan melalui perjanjian konsesi pada 28 Oktober 1996. Perjanjian ini berkuat kuasa bagi tempoh 15 tahun iaitu sehingga 27 Oktober 2011. Tiga syarikat konsesi yang terlibat ialah Faber Medi-Serve Sdn. Bhd. (Faber) untuk Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah, Sarawak, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis; Pantai Medivest Sdn. Bhd. (Pantai) untuk Johor, Melaka dan Negeri Sembilan dan Radicare (M) Sdn. Bhd. (Radicare) untuk Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Syarikat Sistem Awasan Hospital Taraf Sdn. Bhd. (SIHAT) telah dilantik untuk memantau prestasi perkhidmatan syarikat konsesi bagi tempoh 27 Oktober 1997 hingga 1 Oktober 2011. Selepas tarikh tamat kontrak ini, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) telah mengambil alih peranan SIHAT manakala Bahagian Perolehan dan Penswastaan, Kementerian bertanggungjawab dalam urusan perolehan terutamanya dalam urusan tender dan pengurusan kontrak.

41.1.2. Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM513.50 juta bagi perolehan perkhidmatan linen dan dobi untuk tempoh tahun 2009 hingga 2011. Bagaimanapun, Kementerian tidak mempunyai data khusus mengenai jumlah peruntukan bagi perkhidmatan ini kerana peruntukan yang diterima adalah untuk semua perkhidmatan hospital yang diswastakan di bawah syarikat konsesi. Butiran lanjut perbelanjaan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 41.1
PERBELANJAAN UNTUK PERKHIDMATAN LINEN DAN DOBI
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

SYARIKAT KONSESI	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	
Faber Medi-Serve Sdn. Bhd.	82.41	71.82	103.08	257.31
Pantai Medivest Sdn. Bhd.	32.97	35.09	30.60	98.66
Radicare (M) Sdn. Bhd.	51.49	52.00	54.04	157.53
JUMLAH	**166.87**	**158.91**	**187.72**	**513.50**

Sumber: ***Bahagian Perolehan Dan Penswastaan, Kementerian Kesihatan Malaysia***

41.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perkhidmatan linen dan dobi telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

41.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini merangkumi pengurusan perkhidmatan linen dan dobi untuk tempoh tahun 2009 hingga 2011 di Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Bahagian Perolehan dan Penswastaan serta 7 hospital iaitu Hospital Pakar Sultanah Fatimah (HPSF), Muar dan Hospital Tangkak (HT), Johor; Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII), Kota Bharu dan Hospital Pasir Mas, (HPM), Kelantan; Hospital Port Dickson (HPD), Negeri Sembilan; Hospital Sentosa (HS), Kuching dan Hospital Umum Sarawak (HUS), Sarawak serta 4 pusat dobi kelolaan syarikat konsesi iaitu Medilaund (M) Sdn. Bhd. (Medilaund), Telok Panglima Garang; Fresh Linen (Sarawak) Laundry Plant (Fresh Linen), Kuching; Mustaqim Resources Sdn. Bhd. (Mustaqim), Tangkak dan Time Network Sdn. Bhd. (Time Network), Nilai.

41.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data-data yang berkaitan dengan linen dan dobi. Lawatan, pemeriksaan dan temu bual dengan pegawai berkaitan telah dijalankan di hospital dan pusat dobi. Selain itu, *engagement* dengan pihak ketiga yang terlibat iaitu Faber, Pantai dan Radicare juga telah diadakan.

41.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2011 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perkhidmatan linen dan dobi adalah memuaskan. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan perkhidmatan ini seperti berikut:

i. sebanyak 25 hingga 81.8% stok dan bekalan linen yang diterima koyak, lusuh dan reput;
ii. berlaku bekalan linen melebihi *shelf level* ditetapkan atau berlaku *shortfall* semasa penghantaran linen;
iii. pusat dobi beroperasi tanpa kelulusan Kementerian Kesihatan dan melanggar peraturan alam sekitar;
iv. sebanyak 36 bil bagi perkhidmatan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi berjumlah RM7.06 juta telah lewat dibayar antara 18 hingga 270 hari;
v. bil tidak direkodkan dalam Daftar Bil menyebabkan Laporan Bil Lewat Dibayar kepada Kementerian Kewangan tidak menggambarkan kedudukan sebenar; dan
vi. perjanjian tambahan perkhidmatan dobi dan linen lewat ditandatangani iaitu antara 8 hingga 66 bulan selepas perkhidmatan diterima.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

41.5.1. Prestasi Bekalan Linen Bersih

41.5.1.1. Syarikat konsesi hendaklah membekalkan linen bersih seperti spesifikasi yang ditetapkan di kesemua lokasi pengguna mengikut jadual, kekerapan dan laluan yang dipersetujui oleh pengguna. Spesifikasi linen yang ditetapkan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 41.2
SPESIFIKASI LINEN YANG TELAH DITETAPKAN

CIRI-CIRI	KETERANGAN
Bersih	• Linen hendaklah bersih hasil daripada penyingkiran semua kotoran yang berkesan melalui proses pencucian yang sistematik.
Keputihan	• Bagi kain kapas putih, tahap keputihan melebihi 87% harus dicapai. • Bagi kain *polyester*/kapas pula, tahap keputihan linen perlu melebihi 83%.
Kedutan	• Kedutan yang kelihatan jelas pada linen tidak boleh diterima.
Kotoran	• Pewarnaan (contohnya, jelas kelihatan melebihi 20mm dan 3 titik) tidak boleh diterima. • Kotoran disebabkan bahan kimia ke atas linen teater boleh diterima. • Kotoran pada tepi helaian yang terletak dalam boleh diterima.
Koyak	• Koyak atau lubang kurang daripada 5 cm boleh ditampal atau dijahit. • Semua linen di Unit Pensterilan hendaklah dibaiki dengan penampal haba sahaja. • Linen koyak melebihi 5 cm tidak perlu dibaiki dan perlu dikeluarkan daripada edaran. • Linen dengan lebih daripada 3 pembaikan untuk item linen besar dan satu untuk item linen kecil tidak boleh diterima. • Pembaikan besar pada bahagian yang biasa dilihat seperti langsir, kusyen, sarung bantal dan pakaian tidak boleh diterima.
Pudar/Perubahan Warna	• Linen telah hilang warna sebahagian daripada pakaian perlu dikeluarkan daripada penggunaan dan diganti. • Linen dengan perubahan warna yang jelas atau luntur melebihi seluruh pakaian perlu dikeluarkan daripada penggunaan dan diganti.
Bau	• Linen mempunyai bau walaupun selepas basuhan ulangan perlu dikeluarkan daripada penggunaan.

41.5.1.2. Semakan Audit terhadap bekalan linen bersih mendapati perkara berikut:

a. Kualiti Linen

Pemeriksaan Audit terhadap kualiti linen di pusat dobi, stor linen syarikat konsesi dan stor linen di wad mendapati 25% hingga 81.8% stok dan bekalan linen di Pusat Dobi Mustaqim, Stor Linen Pantai dan Stor Linen Wad Bersalin di HPSF sepatutnya dikeluarkan daripada edaran syarikat konsesi kerana telah koyak, lusuh dan reput. Butirannya adalah seperti di **Jadual 41.3**. Perkara sama juga berlaku di HRPZII dan Hospital Pasir Mas. Bagaimanapun bekalan linen yang rendah kualitinya telah dihantar dan diterima oleh pihak hospital. Berdasarkan temu bual dengan pegawai yang menerima bekalan linen di wad, bekalan tersebut terpaksa diterima walaupun berkualiti rendah disebabkan kekurangan stok sedia ada. **Gambar 41.1** hingga **41.8** menunjukkan keadaan linen yang berkualiti rendah:


JADUAL 41.3
LINEN BERKUALITI RENDAH DI PUSAT DOBI MUSTAKIM DAN HOSPITAL PAKAR SULTANAH FATIMAH

JENIS LINEN	JUMLAH LINEN (Helai)			SEPATUTNYA DITOLAK (%)
	STOK	BERKUALITI	SEPATUTNYA DITOLAK	
Pusat Dobi Mustakim, Tangkak				
Selimut	46	25	21	45.7
Baby Wrappers	16	5	11	68.8
Baby Napkin	10	7	3	30.0
Stor Linen Pantai, HPSF				
Selimut	52	24	28	53.8
Baby Napkin	20	13	7	35.0
Baby Wrappers	20	14	6	30.0
Stor Linen, Bilik Bersalin HPSF				
Baby Blanket	11	2	9	81.8
Baju Kakitangan	16	12	4	25.0
Seluar Kakitangan	20	8	12	60.0

GAMBAR 41.1



GAMBAR 41.2



Stor Linen Pantai, Hospital Pakar Sultanah Fatimah
- Kain Selimut Reput Dan Koyak
(22.07.2011)

GAMBAR 41.3




Stor Linen Bilik Bersalin,
Hospital Pakar Sultanah Fatimah
- Selimut Bayi Koyak Dan Lusuh
(20.07.2011)

GAMBAR 41.4



Stor Linen Pantai,
Hospital Pakar Sultanah Fatimah
- Kain Selimut Koyak Di Sekelilingnya
(22.07.2011)

GAMBAR 41.5



Unit Pensterilan,
Hospital Raja Perempuan Zainab II
- Double Wrappers Koyak Sehingga 50cm
(07.06.2011)

GAMBAR 41.6



Unit Pensterilan,
Hospital Raja Perempuan Zainab II
- Gown Surgical Koyak Di Bahagian Dada
(07.06.2011)

GAMBAR 41.7



Unit Pensterilan, Hospital Pasir Mas
- Linen Berbulu Di Bahagian Tepi
(08.06.2011)

GAMBAR 41.8



Unit Pensterilan, Hospital Pasir Mas
- Linen Koyak Sehingga 10cm
(08.06.2011)

b. *Linen Shelf Level*

Syarikat konsesi juga hendaklah mematuhi kuantiti paras stok di rak yang telah ditetapkan bagi memastikan stok linen sentiasa berada pada paras yang mencukupi. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

i. Pihak hospital mengemukakan permintaan baru stok linen walaupun stok sedia ada telah melebihi paras *Linen Shelf* yang ditetapkan. Ini menyebabkan bekalan linen yang berlebihan di HPSF, HS dan HUS. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 41.4
STOK LINEN MELEBIHI PARAS *LINEN SHELF*

LOKASI	JENIS LINEN	SHELF LEVEL	BAKI SEDIA ADA	PERMINTAAN BARU	LEBIHAN LINEN
Hospital Pakar Sultanah Fatimah					
Wad 8	Seluar Dewasa	40	67	20	47
	Sarong Dewasa	40	46	20	26
	Linen Protector	15	32	5	22
Wad 13	*Draw Sheet*	20	32	-	12
Wad 9	*Pillow Case*	60	82	30	52
	Sarong Dewasa	40	60	-	20
Labour Room	*Patient Gown*	15	40	10	35
Wad Perubatan Perempuan	*Pillow Case*	60	82	30	52
	Sarong Dewasa	40	60	-	20
Hospital Sentosa					
Wad Perempuan 2	*Bed Sheet*	60	111	14	65
	Pillow Case	60	72	-	12
Wad Lelaki 2	*Blanket*	50	54	22	26
	Restrainer	4	9	-	5
Wad Perempuan 3	Sarong	10	12	-	2
	Restrainer	10	15	-	5
Hospital Umum Sarawak					
Unit Pensterilan	*Abdominal Sheet (S)*	400	400	197	197

ii. Paras *Linen Shelf* di HPSF tidak menggambarkan keperluan sebenar kerana terdapat item yang tidak diperlukan (tiada dalam shelf level) tetapi telah dibekalkan oleh syarikat konsesi. Contohnya, di dewan bedah utama, terdapat 40 *single wrappers* yang tidak digunakan. Manakala stok linen bagi 6 wad di 3 hospital berbaki kosong. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 41.5
LINEN BERBAKI KOSONG DI LOKASI PENGGUNA

LOKASI	JENIS LINEN	SHELF LEVEL	BAKI SEDIA ADA
Hospital Pakar Sultanah Fatimah			
Labour Room	*Towel Bath*	7	0
	Abdominal Sheet	50	0
	Linen Protector (S)	80	0
	Linen Protector (M)	80	0
	Baby Wrappers	50	0
Wad Perubatan Perempuan	*Face Flannel*	30	0
Wad Ortho Lelaki	*Towel Bath*	30	0
	Face Flannel	40	0
Hospital Sentosa			
Wad Perempuan 2	*Sponging Glove*	20	0
Wad Lelaki 2	*Bath Towel*	50	0
Hospital Tangkak			
Unit Pensterilan	*Surgical Gown*	10	0

iii. Syarikat konsesi ada mengutip linen kotor iaitu seluar dan baju kakitangan di Wad Teratai dan *High Dependency Ward* (HDW) di HRPZII sebelum menghantar linen bersih pada sebelah petangnya. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati *shortfall* berlaku semasa penghantaran linen bersih menyebabkan rak berbaki sifar. Antara sebab berlakunya *shortfall* ialah syarikat konsesi tidak dapat mengutip kesemua linen kotor kerana kakitangan di wad tersebut membawa pulang baju dan seluar untuk dibasuh sendiri oleh mereka. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 41.6
***SHORTFALL* LINEN DI HOSPITAL RAJA PEREMPUAN ZAINAB II**

TARIKH	JENIS LINEN	BIL. DIMINTA (Helai)	BIL. DIHANTAR (Helai)	*SHORTFALL* (Helai)
Wad HDW *Peadiatric*				
01.06.2011	Seluar Kanak-kanak	15	0	15
06.06.2011	Baju Kakitangan	20	0	20
08.06.2011	Baju Kakitangan	24	0	24
Wad HDW				
01.06.2011	Baju Kakitangan	60	0	60
02.06.2011	Baju Kakitangan	60	40	20
04.06.2011	Baju Kakitangan	60	40	20
	Linen Protector (M)	40	20	20
05.06.2011	Baju Kakitangan	60	40	20
	Linen Protector (M)	40	10	30
06.06.2011	Baju Kakitangan	60	0	60
	Linen Protector (M)	44	20	24
07.06.2011	Baju Kakitangan	60	10	50
	Linen Protector (M)	40	10	30
08.06.2011	Baju Kakitangan	60	0	60
	Linen Protector (M)	44	20	24
	Draw Sheet	20	0	20
Labour Room				
06.06.2011	Baju Kakitangan (L)	23	0	23
	Baju Kakitangan (M)	20	0	20

TARIKH	JENIS LINEN	BIL. DIMINTA (Helai)	BIL. DIHANTAR (Helai)	*SHORTFALL* (Helai)
07.06.2011	Baju Kakitangan (L)	50	0	50
	Baju Kakitangan (M)	25	0	25
	Seluar Kakitangan (L)	50	0	50
	Seluar Kakitangan (M)	25	0	25
08.06.2011	Baju Kakitangan (L)	50	34	16
	Baju Kakitangan (M)	25	0	25
	Seluar Kakitangan (L)	50	32	18
Wad 4				
07.06.2011	*Linen Protector* (M)	20	10	10
CSSU				
02.05.2011	*Double Wrappers*	100	60	40
03.05.2011	*Double Wrappers*	50	0	50
08.05.2011	*Dressing Towel*	600	400	200
11.05.2011	*Dressing Towel*	500	300	200
23.05.2011	*Double Wrappers*	100	10	90
24.05.2011	*Double Wrappers*	100	20	80
26.05.2011	*Double Wrappers*	50	0	50
07.06.2011	*Double Wrappers*	250	76	174

iv. Permintaan linen bersih oleh pengguna hendaklah dibuat setiap hari dengan menggunakan borang yang ditetapkan iaitu *Clean Linen Request* (CLR). Penghantaran linen bersih oleh syarikat konsesi pula menggunakan borang *Clean Linen Issued* (CLI). Semakan Audit di HPD mendapati bilangan linen yang diminta oleh pengguna seperti yang dicatatkan dalam CLI adalah berbeza dengan bilangan diminta yang dicatatkan oleh pengguna dalam CLR. Ini kerana syarikat konsesi telah meminda CLI mengikut bekalan sebenar yang dihantar, bukan mengikut bilangan yang diminta oleh pengguna. Pindaan tersebut dibuat bagi mengelakkan syarikat konsesi didenda kerana kekurangan penghantaran. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 41.7
BILANGAN LINEN DIHANTAR TIDAK MENGIKUT PERMINTAAN

TARIKH	JENIS LINEN	BIL. DIMINTA OLEH PENGGUNA DALAM CLR (Helai) (a)	BIL. DICATAT OLEH SYARIKAT KONSESI DALAM CLI (Helai)		PERBEZAAN (a) - (c) (Helai)
			DIMINTA (b)	DIHANTAR (c)	
17.08.2011	*Surgical Gown*	20	10	10	10
18.08.2011	*Surgical Gown*	10	0	0	10
22.08.2011	*Towel, Huckaback*	20	10	10	10
23.08.2011	*Towel, Huckaback*	20	10	10	10
24.08.2011	*Towel, Huckaback*	20	0	0	20
01.09.2011	*Double Wrappers*	20	0	0	20
02.09.2011	*Towel, Huckaback*	20	0	0	20
05.09.2011	*Wrappers, Single*	20	0	0	20
	Towel, Huckaback	20	0	0	20
06.09.2011	*Towel, Huckaback*	60	0	0	60
	Sheet, Abdominal	20	40	40	20

c. Bekalan Linen

Syarikat konsesi hendaklah menyediakan jadual yang dipersetujui ke dalam *Hospital Specific Implementation Plan* (HSIP). Permintaan linen bersih oleh pengguna hendaklah dibuat setiap hari dengan menggunakan CLI yang dijana daripada

komputer. Salinan borang tersebut hendaklah disimpan oleh pengguna sebagai rujukan dan pengesahan. Semakan Audit mendapati semua lokasi bekalan linen bersih telah didokumenkan ke dalam HSIP kecuali di Unit Sajian, Hospital Sentosa di mana apron dan tuala dapur tidak disenaraikan dalam HSIP menyebabkan anggaran penggunaan harian linen tersebut tidak dapat dibuat dengan tepat. Semakan selanjutnya mendapati salinan borang CLR dan CLI di Hospital Sentosa tidak disimpan oleh pengguna tetapi disimpan oleh syarikat konsesi menyebabkan semakan pengesahan penghantaran linen bersih tidak dibuat oleh pihak hospital.

d. Kebersihan Stor Linen

Stor linen di hospital hendaklah sentiasa bersih dan tidak bercampur dengan peralatan lain bagi mengelakkan pencemaran kepada linen bersih. Semakan Audit mendapati stor linen kotor, berhabuk dan bercampur dengan peralatan lain seperti borang kegunaan wad, permaidani dan barang pakai buang seperti di gambar berikut:

GAMBAR 41.9



ICU, Hospital Raja Perempuan Zainab II
- Linen Ditempatkan Bersama
Bahan Pakai Buang
(09.06.2011)

GAMBAR 41.10



HDW Peadiatric, Hospital Raja Perempuan Zainab II
- Linen Ditempatkan Bersama
Aset Yang Tidak Digunakan
(09.06.2011)

GAMBAR 41.11



Jabatan Kecemasan, Hospital Pakar Sultanah Fatimah
- Linen Ditempatkan Bersama Borang Hospital
(19.07.2011)

GAMBAR 41.12



Unit Pensterilan, Hospital Pasir Mas
- Permaidani Di Atas Almari Dalam Stor Linen
(08.06.2011)

e. Carta Ton Warna

Syarikat konsesi ada menyediakan carta ton warna (standard colour coding) bagi memastikan linen yang telah pudar dikeluarkan daripada stok semasa proses pengedaran linen kepada wad hospital. Bagaimanapun, carta tersebut tidak diedarkan kepada pengguna di peringkat hospital.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Semua tindakan pembetulan telah diambil oleh pihak hospital. Kementerian juga telah mengambil tindakan proaktif dengan mengeluarkan surat kepada semua pengarah hospital supaya mengawal kualiti linen yang dibekalkan oleh syarikat

konsesi; memastikan linen yang dibekalkan di wad adalah sama seperti yang direkodkan dalam CLI dan memastikan stor linen berada dalam keadaan bersih dan terurus.

Pada pendapat Audit, pihak hospital perlu memastikan kualiti linen yang dihantar adalah mengikut standard yang telah ditetapkan. Pengesahan permintaan dan penghantaran linen bersih hendaklah dibuat dengan teratur dan rekod mengenainya disimpan dengan baik. Pihak hospital juga perlu memastikan jumlah linen yang diminta tidak melebihi *shelf level* yang boleh menyebabkan lebihan stok dan bayaran linen yang tidak perlu serta memastikan kebersihan stor linen di tahap yang maksimum selaras dengan *Standard Operating Procedures* (SOP) yang telah ditetapkan.

41.5.2. Pengurusan Perkhidmatan Dobi

41.5.2.1. Pengurusan dobi telah dilaksanakan oleh syarikat konsesi berdasarkan lokasi hospital. Terdapat 30 pusat dobi beroperasi bagi melancarkan proses cucian linen iaitu 8 pusat dobi utama yang diuruskan sendiri oleh syarikat konsesi dan 22 pusat dobi subsidiari atau yang dimiliki oleh pihak swasta. Bilangan pusat dobi bagi syarikat konsesi adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 41.8
BILANGAN PUSAT DOBI

KONSESI	PUSAT DOBI			JUMLAH
	UTAMA	SUBSIDIARI	*OUTSOURCED*	
Faber Medi-Serve Sdn. Bhd.	5	8	8	21
Pantai Medivest Sdn. Bhd.	0	0	6	6
Radicare (M) Sdn. Bhd.	3	0	0	3
JUMLAH	**8**	**8**	**14**	**30**

41.5.2.2. Semakan Audit terhadap pengurusan perkhidmatan dobi mendapati perkara berikut:

a. Kelulusan Operasi Pusat Dobi

Berdasarkan Perjanjian Konsesi, kelulusan Kementerian perlu diperolehi sekiranya syarikat konsesi bercadang melantik pihak ketiga untuk melaksanakan perkhidmatan dobi bagi pihaknya. Adalah didapati 21 daripada 22 pusat dobi subsidiari atau swasta yang dilantik tidak mendapat kelulusan daripada Kementerian. Pihak Kementerian juga didapati tidak mengeluarkan sebarang amaran terhadap syarikat konsesi ke atas perkara tersebut. Senarai pusat dobi terlibat adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 41.9
PUSAT DOBI TANPA KELULUSAN KEMENTERIAN

NAMA SYARIKAT DOBI	LOKASI	BULAN MULA OPERASI
Faber Medi-Serve Sdn. Bhd.		
J & Q Laundry Sdn. Bhd.	Pengkalan, Ipoh	Jun 1997
Mega Steam Laundry Services	Bercham, Ipoh	September 1998
Mukah Hospital Laundry	Mukah	September 2002
Limbang Hospital Laundry	Limbang	September 2002
Marudi Hospital Laundry	Marudi	September 2002
Kapit Laundry Plant	Kapit	Oktober 2002
Daro Hospital Laundry	Daro	November 2002
Laundry Innovasi Sdn. Bhd.	Sandakan	Januari 2004
SMS Kg.Likas Sdn. Bhd.	Keningau	Januari 2004
SMS Kg.Likas Sdn. Bhd.	Lahad Datu	Januari 2004

NAMA SYARIKAT DOBI	LOKASI	BULAN MULA OPERASI
Fresh Linen Services Sdn. Bhd.	Bintulu	Mei 2005
Bersih Gemilang Sdn. Bhd.	Kulim	Mei 2006
Fresh Linen Services Sdn. Bhd.	Sejingkat	Mei 2006
Northern Clean Sdn. Bhd.	Perai	Ogos 2006
Fresh Linen Services Sdn. Bhd.	Kota Kinabalu	Oktober 2008
Pantai Medivest Sdn. Bhd.		
AMN Fabricare Services Sdn. Bhd.	Malim Jaya, Melaka	April 2006
Seiclene (Johor) Sdn. Bhd.	Johor Bahru	Mei 2006
Tiara Meranti Sdn. Bhd.	Bemban, Melaka	Jun 2007
Fabricare Laundry Sdn. Bhd.	Johor Bahru	April 2008
Mustaqim Resources Sdn. Bhd.	Tangkak	Jun 2010
Time Network Sdn. Bhd.	Nilai	Februari 2011

b. Rawatan Air Kumbahan

Berdasarkan Perjanjian Konsesi, operasi pusat dobi perlu mematuhi peraturan Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang berkuat kuasa. JAS antara lainnya menetapkan air kumbahan perlu melalui proses rawatan sebelum dilepaskan ke perparitan awam. Lawatan Audit bersama Unit Kawalan Mutu Air Minuman, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dan Pejabat Kesihatan Daerah Muar terhadap loji rawatan air di Fresh Linen pada 6 Julai 2011 dan Mustaqim pada 21 Julai 2011 mendapati perkara berikut:

i. Berdasarkan ujian *in-situ* (di tempat di mana ia berlaku) yang dijalankan, didapati kedua-dua pusat dobi telah melanggar piawaian/standard bagi Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, di mana parameter pH air kumbahan yang dilepaskan tidak mencapai standard yang ditetapkan seperti di jadual berikut.

JADUAL 41.10
KEPUTUSAN UJIAN *IN-SITU* TERHADAP LOJI RAWATAN AIR DI PUSAT DOBI

PUSAT DOBI/UJIAN	PARAMETER STANDARD	
	pH	SUHU (°C)
SEPATUTNYA	5.5 - 9.0	<40
Fresh Linen Services (Sarawak) Sdn. Bhd.		
Ujian 1	10.81	32.6
Ujian 2	12.84	31.6
KEPUTUSAN	Tidak Mencapai Standard	Mematuhi Standard
Mustaqim Resources Sdn. Bhd.		
Ujian 1	7.92	32.6
Ujian 2	9.18	32.6
KEPUTUSAN	Tidak Mencapai Standard (Ujian 2 sahaja)	Mematuhi Standard

ii. Program rawatan air kumbahan bagi Fresh Linen telah dihentikan sejak bulan April 2011. Pusat dobi tersebut telah melepaskan air kumbahan secara terus ke perparitan awam tanpa melalui proses rawatan dan kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar.

iii. Program rawatan air kumbahan di Mustaqim dibuat secara konvensional sejak ia beroperasi pada bulan Jun 2010 di mana air kumbahan ditakung terlebih dahulu dalam 2 kolam besar sebelum dilepaskan ke perparitan awam secara semula jadi apabila melebihi paras takungan. Bagaimanapun, kolam takungan yang dibina dalam kawasan pertanian tidak mendapat kelulusan daripada JAS. Keadaan kolam takungan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 41.13



Pusat Dobi Mustaqim, Tangkak
- Kolam Takungan Dalam Kawasan Pertanian
(21.07.2011)

GAMBAR 41.14



Pusat Dobi Mustaqim, Tangkak
- Air Kumbahan Ke Kolam Takungan
(21.07.2011)


c. Cucian Khas Linen

Berdasarkan *Technical Requirements and Performance Indicators*, Perjanjian Konsesi, standard kualiti bagi pencucian linen dibahagikan kepada 2 kategori iaitu cucian khas dan cucian biasa. Cucian khas melibatkan linen yang dijangkiti dan menggunakan beg merah manakala pencucian biasa melibatkan linen yang mempunyai kotoran biasa dan menggunakan beg putih. Kedua-dua kategori cucian perlu diasingkan bagi mengelakkan *cross infection* dan menggunakan formula cucian yang berbeza. Semakan Audit mendapati cucian khas telah bercampur dengan cucian biasa di Fresh Linen dan Mustaqim yang boleh menyebabkan *cross infection* terhadap linen tersebut.

d. Kebersihan Pusat Dobi

Bagi memastikan kualiti linen yang dicuci bersih dan mematuhi spesifikasi, pusat dobi dan persekitarannya mestilah berada dalam keadaan bersih. Lawatan Audit mendapati kebersihan di pusat dobi kurang memuaskan apabila adanya sarang burung, tempat penyimpanan linen berhabuk, kawasan basuhan dilimpahi air cucian dari mesin cucian yang bocor dan rak simpanan linen hanya ditutup dengan kain. Keadaan persekitaran di pusat dobi adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 41.15



Pusat Dobi Mustaqim, Tangkak
- Sarang Burung Di Bumbung Pusat Dobi
(21.07.2011)

GAMBAR 41.16



Pusat Dobi Mustaqim, Tangkak
- Najis Burung Pada Linen Yang Telah Dicuci
(21.07.2011)

GAMBAR 41.17



Pusat Dobi Fresh Linen, Kuching
- Air Melimpah Dari Mesin Cucian Yang Bocor
(06.07.2011)

GAMBAR 41.18



Stor Linen Interchange Kubang Kerian (Radicare)
- Stor Berhampiran Jalan Utama Terdedah Kepada Habuk Dan Kotoran
(07.06.2011)

GAMBAR 41.19



Stor Linen Interchange Kubang Kerian (Radicare) - Permukaan Atas Rak Linen Berhabuk (07.06.2011)

GAMBAR 41.20



Stor Linen Interchange Kubang Kerian (Radicare) - Linen Bersih Hanya Ditutup Dengan Kain Terdedah Kepada Habuk Dan Kotoran (07.06.2011)

e. Standard Cucian

Bagi memenuhi standard *Project Operation Guidelines For Linen and Laundry Services* (POG) yang dikeluarkan oleh Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, bahan kimia dan formula cucian yang digunakan oleh syarikat konsesi hendaklah mendapat kelulusan daripada Kementerian. Bagaimanapun, pihak Kementerian tidak mempunyai sebarang rekod berkaitan dengan bahan kimia dan formula cucian yang digunakan. Maklumat kelulusan tersebut hanya disimpan oleh syarikat konsesi.

f. Ujian Kualiti Linen

Berdasarkan *Technical Requirements and Performance Indicators*, Perjanjian Konsesi, tiga ujian perlu dibuat terhadap kualiti linen iaitu *Tensile Strength Test* (setiap 4 bulan), *pH Level Test* (setiap bulan) dan *Pathological Test* (setiap bulan) bagi menentukan keputihan, sisa bahan kimia dan kandungan bakteria. Ujian tersebut hendaklah dijalankan oleh syarikat konsesi dan laporannya dihantar kepada Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan. Bagaimanapun, *Tensile Strength Test* yang sepatutnya diadakan setiap 4 bulan tidak dikemukakan laporannya kepada Kementerian. Berdasarkan maklumat daripada Kementerian, ujian tersebut hanya dijalankan oleh Syarikat konsesi bagi perolehan linen baru sahaja.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Pandangan Penasihat Undang-undang Kementerian mengenai pelantikan pihak ketiga oleh syarikat konsesi untuk perkhidmatan dobi kerja pencucian linen masih belum diperolehi. Bagaimanapun, Kementerian telah mengarahkan syarikat konsesi memastikan pusat dobi sentiasa mematuhi standard yang dinyatakan dalam akta yang berkaitan dan perbincangan mengenainya akan dibuat dengan Jabatan Alam Sekitar. Arahan telah dikeluarkan kepada syarikat konsesi bagi memastikan prosedur yang telah ditetapkan dipatuhi sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memantau operasi pusat dobi dan melaksanakan terma kontrak. Pelaksanaan kerja oleh pihak ketiga tanpa mendapat kelulusan Kementerian akan menyebabkan pematuhan standard tidak dibuat dengan sempurna. Kementerian juga perlu memastikan ujian yang sepatutnya dilaksanakan oleh syarikat konsesi dibuat mengikut jadual dan keputusannya dimaklumkan dan diambil tindakan sewajarnya.

41.5.3. Tuntutan Kehilangan Linen

41.5.3.1. Perkhidmatan linen yang diswastakan kepada 3 syarikat konsesi sejak tahun 1997 melibatkan penggunaan linen secara langsung di dalam proses rawatan pesakit. Pengiraan bayaran kehilangan linen adalah berdasarkan klausa 6.5 Perjanjian Konsesi

dan mekanisme formula tersebut dinyatakan dalam *Master Agreed Procedure* (MAP LLS 024). Syarikat konsesi pada 12 Februari 2009 telah menuntut pampasan kehilangan linen berjumlah RM71.54 juta bagi tempoh tahun 1998 hingga 2006. Sejumlah RM35 juta telah dipersetujui oleh pihak Kementerian pada 23 September 2009 dan dibayar pada 22 Oktober 2009. Syarikat konsesi juga menuntut pampasan kehilangan linen bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 berjumlah RM74.83 juta. Bagaimanapun, tuntutan tersebut masih belum diputuskan oleh pihak Kementerian. Analisis Audit mendapati jumlah tuntutan kehilangan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 (5 tahun) sebanyak RM74.83 juta atau RM14.97 juta setahun adalah lebih tinggi berbanding jumlah tuntutan tahun 1998 hingga 2006 (9 tahun) sebanyak RM71.54 juta atau RM7.95 juta setahun. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 41.11
JUMLAH TUNTUTAN KEHILANGAN LINEN

TAHUN	FABER (RM Juta)	PANTAI (RM Juta)	RADICARE (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
1997 - 2006 (9 Tahun)	33.19	21.09	17.26	71.54
2007 - 2011 (5 Tahun)	37.24	14.97	22.62	74.83
JUMLAH	**70.43**	**36.06**	**39.88**	**146.37**

41.5.3.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati tuntutan kehilangan linen di 29 PTJ adalah melebihi RM1 juta. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 41.12
TUNTUTAN KEHILANGAN LINEN MELEBIHI RM1 JUTA

HOSPITAL	BIL. KATIL (Unit)	TUNTUTAN KEHILANGAN (RM Juta)
Kuala Lumpur	2,331	38.82
Permai	1,400	10.45
Alor Setar	805	9.40
Sultanah Aminah	989	7.28
Kelang	893	4.98
Bukit Padang	302	4.73
Muar	550	4.45
Kajang	306	4.29
Ipoh	990	3.91
Sungai Petani	550	3.75
Selayang	852	3.37
Kota Bharu	920	2.94
Kulim	281	2.74
Kangar	404	2.74
Batu Pahat	314	2.44
Sentosa	338	2.23
Seberang Jaya	314	2.16
Kapit	134	2.04
Tawau	401	1.97
Ulu Kinta	2,600	1.75
Keningau	212	1.70
Kuala Kangsar	136	1.69
Kemaman	116	1.67
Kinabatangan	68	1.65
Ranau	91	1.32
Balik Pulau	71	1.28
Kuala Pilah	314	1.27
Sri Manjung	270	1.12
Likas	504	1.04

41.5.3.3. Berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh syarikat konsesi, jumlah tuntutan kehilangan adalah di antara 8.7% hingga 13.9% daripada jumlah bayaran perkhidmatan yang dibayar oleh Kementerian sepanjang tempoh tahun 1998 hingga 2006. Bagaimanapun, sekiranya perbandingan dibuat berdasarkan jumlah pembelian linen oleh syarikat konsesi bernilai RM194.55 juta, jumlah tuntutan kehilangan adalah tinggi iaitu antara 26.7% hingga 42.1%. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 41.13
TUNTUTAN KEHILANGAN LINEN BERBANDING YURAN PERKHIDMATAN DAN KOS PEMBELIAN BAGI TEMPOH TAHUN 1998 HINGGA 2006

SYARIKAT KONSESI	TUNTUTAN KEHILANGAN (RM Juta)	YURAN PERKHIDMATAN		KOS PEMBELIAN	
		A (RM Juta)	B (%)	C (RM Juta)	B (%)
Faber Medi-Serve Sdn. Bhd.	33.19	383.18	8.7	79.88	41.5
Pantai Medivest Sdn. Bhd.	21.09	151.58	13.9	50.10	42.1
Radicare (M) Sdn. Bhd.	17.26	196.47	8.8	64.57	26.7
JUMLAH	**71.54**	**731.23**	**9.8**	**194.55**	**36.8**

Nota : ***A - Jumlah Yuran Perkhidmatan***
B - Peratus Tuntutan Kehilangan
C - Jumlah Kos Pembelian

41.5.3.4. Jumlah tuntutan kehilangan di 4 buah hospital psikiatri adalah tinggi iaitu sebanyak RM19.17 juta (35.3%) berbanding jumlah tuntutan kehilangan keseluruhan bagi Faber dan Pantai yang berjumlah RM54.28 juta. Daripada jumlah tersebut, tuntutan kehilangan oleh Pantai bagi Hospital Permai adalah RM10.45 juta (49.5%) daripada jumlah keseluruhan tuntutan kehilangan bagi 20 PTJ di bawah kawalannya yang berjumlah RM21.09 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 41.14
TUNTUTAN KEHILANGAN LINEN BAGI HOSPITAL PSIKIATRI

HOSPITAL	BIL. KATIL	TUNTUTAN KEHILANGAN DI HOSPITAL PSIKIATRI (RM Juta)	TUNTUTAN KEHILANGAN KESELURUHAN (RM Juta)	PERATUS TUNTUTAN KEHILANGAN HOSPITAL PSIKIATRI BERBANDING TUNTUTAN KESELURUHAN (%)
Faber Medi-Serve Sdn. Bhd.				
Bukit Padang	302	4.73	33.19	26.3
Sentosa	338	2.23		
Ulu Kinta	2,600	1.76		
Jumlah Faber	**3,240**	**8.72**		
Pantai Medivest Sdn. Bhd.				
Permai	1,400	10.45	21.09	49.5
JUMLAH KESELURUHAN		**19.17**	**54.28**	**35.3**

41.5.3.5. Pihak Audit juga mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan tuntutan kehilangan linen seperti berikut:

a. Laporan Tuntutan Kehilangan Linen

Berdasarkan Laporan Tuntutan Kehilangan Linen oleh syarikat konsesi, jumlah tuntutan kehilangan linen untuk tempoh tahun 1988 hingga 2011 adalah RM146.37 juta. Bagaimanapun, didapati jumlah tuntutan ini berbeza dengan maklumat yang terdapat dalam Central Management Information System (CMIS) yang juga diselenggarakan oleh syarikat konsesi. Semakan Audit mendapati maklumat dalam CMIS tidak lengkap dan tidak konsisten. Sebagai contoh, jumlah tuntutan yang dikemukakan oleh Faber dan Radicare berbeza sebanyak RM10.31 juta dan RM0.10 juta masing-masingnya berbanding maklumat yang

terdapat dalam CMIS. Bagi Hospital Permai pula, pihak Pantai sepatutnya boleh menuntut kehilangan linen berjumlah RM26.86 juta. Bagaimanapun, hanya RM10.45 juta sahaja dituntut dan tiada tuntutan dibuat bagi tahun 2001, 2005 dan 2006 berjumlah RM16.41 juta. Manakala kehilangan linen di Hospital Raub mengikut CMIS adalah berjumlah RM3.41 bilion tetapi tuntutan sebenar hanya RM0.63 juta. Sekiranya tuntutan telah dibuat dengan mengambil kira semua faktor kehilangan, perkara tersebut tidak sepatutnya berlaku.

b. Dokumen Sokongan Tuntutan

Tuntutan kehilangan linen yang dikemukakan tidak disertakan dengan dokumen sokongan penting seperti laporan pengesahan timbangan linen bersih dan linen kotor yang menjadi asas kepada tuntutan tersebut. Oleh itu, tuntutan tersebut tidak dapat disahkan.

c. Rekod Pelupusan Linen

Tuntutan kehilangan oleh syarikat konsesi tidak mengambil kira faktor lain yang menyebabkan kehilangan seperti kerosakan dan pelupusan linen. Berdasarkan rekod, syarikat konsesi tidak mengemukakan jumlah linen yang telah dilupuskan.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Bagi menambah baik kontrak penswastaan perkhidmatan sokongan hospital yang baru, beberapa cadangan telah dikemukakan iaitu Stor Linen Wad di hospital adalah di bawah tanggungjawab syarikat konsesi; linen yang dibekalkan dicadangkan mempunyai sistem tagging dan tracking bagi mengelakkan kehilangan yang besar; risiko kehilangan linen adalah di bawah tanggungan syarikat konsesi dan fast moving item seperti selimut, linen protector dilaksanakan Linen Exchange Program.

Pada pendapat Audit, integriti data yang dihasilkan oleh CMIS adalah diragui. Selain itu, Kementerian juga perlu mengambil kira faktor kerosakan dan pelupusan linen yang tidak dinyatakan oleh syarikat konsesi sebagai salah satu faktor asas dalam pengiraan tuntutan kehilangan.

41.5.4. Pengurusan Pembayaran

41.5.4.1. Bagi memastikan perkhidmatan linen dapat berjalan dengan lancar, bayaran kepada syarikat konsesi perlu dibuat dengan segera berdasarkan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Rekod mengenai bil dan bayaran perlu disediakan dan disimpan dengan teratur. Berdasarkan rekod perbelanjaan di peringkat hospital, kekurangan peruntukan berlaku pada setiap tahun. Perkara ini memberi kesan kepada perbelanjaan tahun semasa dan juga menyebabkan perbelanjaan tanpa peruntukan berlaku serta menjadi punca bil tidak dapat dijelaskan dalam tempoh 14 hari. Butiran lanjut bagi 3 hospital besar yang diaudit adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 41.15
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PERKHIDMATAN SOKONGAN HOSPITAL

HOSPITAL / PERKARA	PAKAR SULTANAH FATIMAH (RM Juta)			RAJA PEREMPUAN ZAINAB II (RM Juta)			SENTOSA (RM Juta)		
	2009	2010	2011*	2009	2010	2011*	2009	2010	2011*
Peruntukan**	10.00	9.50	13.32	21.84	19.93	25.53	5.19	2.52	4.55
Perbelanjaan**	16.76	17.33	8.70	21.84	14.86	19.54	6.61	5.93	2.97
PERBEZAAN	**(6.76)**	**(7.83)**	**4.62**	**-**	**5.07**	**5.99**	**(1.42)**	**(3.41)**	**1.58**

Nota: (*) - Sehingga Bulan Jun 2011
(**) - Peruntukan dan Perbelanjaan Bagi 5 Perkhidmatan Sokongan Termasuk Perkhidmatan Linen Dan Dobi

41.5.4.2. Semakan Audit terhadap pengurusan pembayaran mendapati perkara berikut:

a. Bayaran Dalam Tempoh 14 Hari

Arahan Perbendaharaan 103 menghendaki bayaran dibuat dengan segera dalam tempoh 14 hari dari tarikh bil diterima dengan lengkap dan sempurna. Bagi mematuhi Arahan tersebut, Ketua Jabatan hendaklah menyenggara satu Daftar Bil dan memeriksanya tidak kurang dari sekali sebulan. Semakan Audit mendapati 36 bil bagi perkhidmatan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi berjumlah RM7.06 juta telah lewat dibayar antara 18 hingga 270 hari oleh HPSF, HRPZII dan HS. Semakan juga mendapati bil tersebut tidak didaftarkan di dalam Daftar Bil. Senarai bil terlibat adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 41.16
BIL LEWAT DIBAYAR DAN TIDAK DIDAFTAR DALAM DAFTAR BIL

TARIKH INVOIS	TARIKH BAYAR	KELEWATAN (Hari)	NILAI (RM)
Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar			
03.10.2008	15.07.2009	270	190,171
01.11.2008	15.07.2009	242	198,158
01.12.2008	15.07.2009	212	188,658
01.01.2009	15.07.2009	181	180,610
31.08.2009	04.11.2009	51	204,689
30.09.2009	04.11.2009	21	189,261
02.11.2009	16.12.2009	30	207,243
01.09.2010	14.02.2011	152	201,200
01.10.2010	14.02.2011	122	187,993
01.11.2010	14.02.2011	92	194,036
01.12.2010	14.02.2011	61	173,708
01.01.2011	14.02.2011	30	191,200
01.02.2011	08.04.2011	83	212,568
01.03.2011	08.04.2011	24	199,128
01.06.2011	08.07.2011	23	223,460
Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu			
31.01.2009	05.03.2009	19	292,325
30.04.2009	04.06.2009	21	329,406
31.07.2009	10.09.2009	27	314,921
31.08.2009	19.10.2009	35	300,424
30.09.2009	04.11.2009	21	288,238
28.02.2010	01.04.2010	18	265,330
30.09.2010	17.02.2011	126	242,367
31.10.2010	17.02.2011	95	282,494
30.11.2010	17.02.2011	65	265,518
31.12.2010	07.03.2011	52	287,794
31.01.2011	10.03.2011	24	291,165
28.02.2011	12.04.2011	29	271,151
Hospital Sentosa, Kuching			
01.06.2009	24.07.2009	39	83,052
01.11.2009	29.12.2009	44	75,136
01.03.2010	22.04.2010	38	65,146
01.10.2010	06.01.2011	83	72,096
01.11.2010	05.04.2011	141	77,438
01.12.2010	05.04.2011	111	78,724
31.12.2010	14.06.2011	182	80,982
01.02.2011	25.03.2011	38	79,078
01.04.2011	14.06.2011	60	77,614
JUMLAH			**7,062,482**

b. Laporan Bil Tertunggak

Pihak hospital pada setiap bulan akan menghantar Laporan Kedudukan Bil Tertunggak kepada Jabatan Kesihatan Negeri dan laporan tersebut akan dihantar kepada Kementerian. Kementerian pula pada setiap awal bulan menghantar laporan tersebut kepada Kementerian Kewangan bagi tujuan pemantauan oleh pihak Kerajaan. Bagaimanapun, berdasarkan rekod di peringkat hospital yang dilawati, laporan yang dihantar oleh pihak Kementerian kepada Kementerian Kewangan adalah tidak tepat kerana terdapat bil yang tidak direkodkan dalam Daftar Bil, seterusnya ia tidak dinyatakan sebagai bil tertunggak. Contoh bil perkhidmatan linen berjumlah RM2.14 juta yang tidak dinyatakan dalam Laporan Kedudukan Bil Tertunggak Bagi Bulan Disember 2010 Kementerian Kesihatan Malaysia yang dihantar kepada Kementerian Kewangan pada 7 Januari 2011. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 41.17
BIL LEWAT DIBAYAR DAN TIDAK DIDAFTAR DALAM DAFTAR BIL

NEGERI	(15 - 30 HARI)		(31 - 60 HARI)		(61 - 90 HARI)		(>90 HARI)		JUMLAH	
	BIL.	RM	BIL.	RM	BIL.	RM	BIL.	RM	BIL.	RM
Jumlah Dilaporkan Kepada Kementerian Kewangan										
Johor	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Kelantan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Sarawak	23	73,863	6	32,070	2	6,057	2	11,400	33	123,390
JUMLAH	**23**	**73,863**	**6**	**32,070**	**2**	**6,057**	**2**	**11,400**	**33**	**123,390**
Sebahagian Bil Perkhidmatan Linen Yang Tidak Dilaporkan										
Johor	-	-	1	173,709	1	194,037	2	389,193	4	756,939
Kelantan	1	287,794	1	265,517	1	282,494	1	242,368	4	1,078,173
Sarawak	1	80,982	1	78,724	1	77,438	1	65,146	4	302,290
JUMLAH	**2**	**368,776**	**3**	**517,950**	**3**	**553,969**	**4**	**696,707**	**12**	**2,137,402**

c. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

Sekiranya bil tidak dijelaskan dalam tahun semasa, bil tersebut akan dibayar pada tahun berikutnya dengan mendapat kelulusan daripada Akauntan Negara atau Kementerian Kewangan dan bayaran akan dibuat dengan menggunakan peruntukan tahun semasa. Berdasarkan rekod Kementerian, pada tahun 2009, sejumlah RM14.77 juta telah diluluskan permohonan di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) bagi bayaran perkhidmatan linen dan dobi. Pada tahun 2010, jumlah kelulusan menurun kepada RM0.57 juta dan kelulusan tersebut meningkat kepada RM43.63 juta bagi tahun 2011. Peningkatan yang ketara bagi tahun 2011 adalah disebabkan oleh peruntukan tahun 2010 tidak mencukupi. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 41.18
BAYARAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a)

SYARIKAT KONSESI	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011* (RM Juta)	
Faber Medi-Serve Sdn. Bhd.	3.64	-	23.66	27.30
Pantai Medivest Sdn. Bhd.	5.80	0.45	10.72	16.97
Radicare (M) Sdn. Bhd.	5.33	0.12	9.25	14.70
JUMLAH	**14.77**	**0.57**	**43.63**	**58.97**

Nota: ***(*) - Sehingga 24 Ogos 2011***

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Peruntukan asal yang diterima tidak mencukupi untuk menampung peningkatan perbelanjaan menyebabkan Kementerian terpaksa menyusun keutamaan mengikut jumlah yang diluluskan. (Bagi mengatasi kekurangan peruntukan, Kementerian telah mengeluarkan arahan kepada semua PTJ supaya melakukan perbelanjaan berhemah serta menitikberatkan langkah-langkah penjimatan dengan memberi keutamaan kepada perbelanjaan wajib yang berkaitan secara langsung dengan penjagaan dan rawatan pesakit). Kementerian juga akan memastikan status bayaran bil dan status bil tertunggak yang dikemukakan oleh PTJ adalah benar tanpa menyembunyikan sebarang fakta. Kementerian juga akan menubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan seperti yang disyorkan.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memastikan peraturan kewangan sentiasa dipatuhi. Siasatan lanjut dan tindakan sewajarnya perlu diambil terhadap pegawai yang melanggar peraturan kewangan.

41.5.5. Perjanjian Tambahan

Perjanjian tambahan perlu ditandatangani bagi perkhidmatan di hospital baru/gantian kepada hospital sedia ada kerana ia melibatkan tambahan kos kepada perjanjian konsesi sedia ada. Semakan Audit mendapati 14 buah hospital telah menerima perkhidmatan linen dan dobi antara 8 hingga 66 bulan sebelum kontrak ditandatangani. Daripada jumlah tersebut, sehingga 31 Ogos 2011 masih terdapat 5 perjanjian tambahan yang belum ditandatangani sedangkan perkhidmatan telah diberi antara 53 hingga 64 bulan. Senarai perjanjian tambahan tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 41.19
PERJANJIAN TAMBAHAN LEWAT DITANDATANGANI

HOSPITAL/INSTITUSI	TARIKH PERKHIDMATAN DIMULAKAN	PERJANJIAN TAMBAHAN DITANDATANGANI	
		TARIKH	TEMPOH (Bulan)
Faber Medi-Serve Sdn. Bhd.			
Hospital Dalat	01.09.2006	19.03.2008	18
Hospital Pitas	11.09.2006	19.03.2008	18
Hospital Sarikei	09.12.2005	23.07.2010	55
Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani*	23.07.2006	-	61**
Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar*	01.04.2007	-	53**
Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu	01.04.2008	13.12.2010	32
Pantai Medivest Sdn. Bhd.			
Hospital Jasin (Gantian)	14.01.2005	05.06.2009	53
Radicare (M) Sdn. Bhd.			
Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Sg. Buloh	01.04.2005	18.10.2010	66
Hospital Serdang	01.06.2005	20.12.2006	18
Hospital Ampang	07.12.2005	20.12.2006	12
Hospital Sultan Ahmad Shah, Temerloh*	15.04.2006	-	64**
Hospital Sungai Buloh	08.05.2006	19.01.2007	8
Hospital Cameron Highlands*	15.12.2006	-	56**
Hospital Pekan*	01.05.2007	-	53**

Nota: ***(*) - Dalam Proses Menyediakan Perjanjian Tambahan***
(**) - Sehingga Tarikh Pengauditan

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Perjanjian tambahan untuk hospital/institusi baru tidak dapat disediakan kerana tiada peruntukan dalam klausa perjanjian konsesi asal untuk pembayaran dan tambahan fi. Keputusan penyediaan perjanjian tambahan hanya disediakan selepas mendapat kelulusan Kabinet. Bagaimanapun setakat akhir bulan Mac 2012, semua dokumen perjanjian tambahan tersebut telah ditandatangani.

Pada pendapat Audit, Kementerian sepatutnya mempercepatkan proses menandatangani perjanjian iaitu sebelum sesuatu perkhidmatan diterima untuk tujuan penguatkuasaan syarat dan spesifikasi kontrak demi menjaga kepentingan Kerajaan. Ia juga bagi memastikan bayaran dapat dibuat dengan segera kerana perkhidmatan telah diterima daripada syarikat konsesi.

41.6. SYOR AUDIT

Secara umumnya, pihak Audit mendapati pengurusan perkhidmatan dobi dan linen di hospital adalah memuaskan. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan perkhidmatan yang lain, adalah disyorkan supaya Kementerian mengambil langkah seperti berikut:

41.6.1. Memastikan kualiti linen yang dihantar adalah mengikut standard yang telah ditetapkan dan memastikan kebersihan stor linen di tahap yang maksimum selaras dengan SOP yang telah ditetapkan.

41.6.2. Memantau perjalanan pusat dobi dan memastikan pelaksanaan kerja oleh pihak ketiga mendapat kelulusan Kementerian.

41.6.3. Memastikan peraturan kewangan sentiasa dipatuhi. Siasatan lanjut dan tindakan tatatertib perlu diambil terhadap pegawai yang melanggar peraturan kewangan.

41.6.4. Mempercepatkan proses menandatangani perjanjian iaitu sebelum sesuatu perkhidmatan diterima untuk tujuan penguatkuasaan syarat dan spesifikasi kontrak demi menjaga kepentingan Kerajaan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 333-340
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

42. PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN *HOSPITAL INFORMATION SYSTEM* (HIS)

42.1. LATAR BELAKANG

42.1.1. Pembangunan *Hospital Information System* (HIS) di hospital kerajaan adalah bertujuan untuk membolehkan maklumat dikongsi bersama oleh setiap Jabatan/Unit di hospital dengan menggunakan sistem *Information Communication Technology* (ICT) yang lengkap dan memenuhi syarat keperluan Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian). HIS telah mula dibangunkan pada bulan Mac 2002 (Fasa 1) meliputi 3 kategori iaitu *Total Hospital Information System* (THIS), *Intermediate Hospital Information System* (IHIS) dan *Basic Hospital Information System* (BHIS). Pembangunan Fasa 1 termasuk penyenggaraan sistem tersebut telah dilaksanakan secara *design and build* meliputi 13 hospital dengan kos berjumlah RM588.11 juta, di mana penyenggaraan mula dilaksanakan sejak dari tempoh penyerahan sistem kepada hospital terlibat pada tahun 2007.

42.1.2. Skop penyenggaraan sistem pada umumnya meliputi perkhidmatan sokongan operasi; perkhidmatan penyenggaraan; *business continuity services* (BCS); pasukan projek; latihan/pemindahan teknologi serta penyediaan manual, dokumentasi dan laporan. Pelaksanaan Fasa 2 pula hanya melibatkan penyenggaraan sistem bagi 12 hospital dengan kontrak bernilai RM334.02 juta. Senarai hospital dan kontraktor yang terlibat dengan kontrak tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 42.1
SENARAI HOSPITAL DAN KONTRAKTOR TERLIBAT DENGAN PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN HIS (FASA 1)

HOSPITAL	NAMA KONTRAKTOR	TEMPOH KONTRAK	NILAI (RM Juta)
Rundingan Terus			
Kepala Batas	Systematic Conglomerate Sdn. Bhd.	01.05.2007 – 30.04.2012	24.84
Lahad Datu		01.09.2007 – 31.08.2012	37.57
Selayang		01.10.2007 – 30.09.2012	52.28
Serdang		01.02.2009 – 31.01.2014	55.00
Sultan Ismail, Johor Bharu		01.01.2009 – 31.12.2013	52.50
Tender Terbuka			
Keningau	Openapps Sdn. Bhd.	01.01.2010 – 31.12.2012	8.78
Pekan	Business Information Technology (M) Sdn. Bhd.	01.09.2010 – 31.08.2013	5.90
Putrajaya	Persada Digital Sdn. Bhd.	01.02.2009 – 31.01.2012	12.60
Ampang	Encoral Digital Solutions Sdn. Bhd.	01.08.2010 – 31.07.2013	21.18
Sultan Abdul Halim, Sungai Petani		01.08.2010 – 31.07.2013	20.67
Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Teliti Computers Sdn. Bhd.	01.12.2010 – 30.11.2013	19.00
Sungai Buloh	Solutions Protocol Sdn. Bhd.	01.07.2010 – 30.06.2013	23.70
JUMLAH			**334.02**

42.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada perkhidmatan penyenggaraan HIS telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif penyenggaraan yang ditetapkan.

42.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini adalah perkhidmatan penyenggaraan HIS yang telah dilaksanakan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat Kementerian iaitu di Bahagian Pengurusan Maklumat, Bahagian Perolehan dan Penswastaan serta lawatan ke 5 hospital iaitu di Hospital Keningau (HKeningau); Hospital Lahad Datu (HLD), Sabah; Hospital Pekan (HPekan), Pahang; Hospital Selayang (HSelayang), Selangor dan Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH), Sungai Petani, Kedah. Selain itu, bagi tujuan perbandingan, semakan juga dibuat terhadap kontrak bagi 3 hospital iaitu Hospital Kepala Batas, Hospital Serdang dan Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru.

42.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan perkhidmatan penyenggaraan HIS. Lawatan, pemeriksaan dan temu bual dengan pegawai juga telah dijalankan di hospital terlibat. Semakan juga dibuat dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berhubung dengan bayaran caruman pekerja oleh kontraktor.

42.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2011 mendapati secara keseluruhannya, perkhidmatan penyenggaraan HIS adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan perkhidmatan penyenggaraan seperti berikut:

i. perbezaan nilai kontrak secara rundingan terus berbanding tender terbuka di Hospital Kepala Batas dan HPekan berjumlah RM15 juta bagi tempoh 5 tahun;
ii. lebihan bayaran terhadap pekerja yang tiada/tidak hadir berjumlah RM0.54 juta;
iii. perbezaan bayaran yang dituntut bagi pasukan projek dengan bayaran sebenar adalah sehingga RM23.95 juta;
iv. sebanyak 6 daripada 8 latihan yang dirancang masih belum dilaksanakan di HKeningau;
v. perkakasan yang tidak perlu disenggarakan tetapi dimasukkan dalam senarai penyenggaraan menyebabkan kos penyenggaraan bertambah sebanyak RM1 juta; dan
vi. kos penyenggaraan melebihi kos perolehan perkakasan sehingga 72.5 kali ganda.

Penjelasan lanjut berhubung dengan penemuan Audit dan maklum balas pihak yang terlibat adalah seperti di perenggan berikut:

42.5.1. Pengurusan Penyenggaraan

42.5.1.1. Pelantikan Kontraktor

Pelantikan kontraktor bagi penyenggaraan HIS dibuat secara rundingan terus dan tender terbuka. Berdasarkan rekod Kementerian, 5 daripada 12 kontrak merupakan kontrak rundingan terus dengan nilai kontrak berjumlah RM222.19 juta (66.5%) daripada nilai kontrak keseluruhan iaitu RM334.02 juta telah ditawarkan kepada Systematic Conglomerate Sdn. Bhd. (SCSB). Manakala 6 kontraktor yang lain telah dipilih melalui kaedah tender terbuka bagi menyenggara HIS di 7 hospital. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati kos bagi kontrak runding terus adalah tinggi. Berdasarkan perbandingan yang dibuat terhadap kontrak bagi Hospital Kepala Batas dan HPekan yang mempunyai kapasiti yang hampir sama, didapati perbezaan nilai kontrak antara kontrak runding terus dengan tender terbuka adalah berjumlah RM3 juta setahun. Ini bermakna sekiranya perolehan dibuat secara tender terbuka, Kementerian dijangka boleh menjimatkan perbelanjaan berjumlah RM15 juta bagi kontrak selama 5 tahun di Hospital Kepala Batas. Butiran perbandingan harga adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 42.2
PERBEZAAN HARGA ANTARA KONTRAK RUNDINGAN TERUS DENGAN TENDER TERBUKA

HOSPITAL	BIL. (UNIT/ORANG)			NILAI KONTRAK (RM Juta)	
	KATIL	KOMPUTER	PEKERJA	SETAHUN	PERBEZAAN
Rundingan Terus					**3.00**
Kepala Batas	108	86	11	4.97	
Tender Terbuka					
Pekan	110	107	10	1.97	

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Kelulusan pelantikan secara rundingan terus telah dibuat oleh Kementerian Kewangan. Bagaimanapun, Kementerian melalui rundingan harga telah berjaya menurunkan harga yang lebih rendah iaitu berjumlah RM222.81 juta berbanding harga tawaran asal oleh kontraktor rundingan terus berjumlah RM483.78 juta dengan perbezaan harga berjumlah RM260.97 juta. Kementerian juga pada 13 Oktober 2011 dan 22 Februari 2012 telah memohon kepada Kementerian Kewangan agar kontrak penyenggaraan HIS seterusnya dibuat secara tender terbuka. Pihak MAMPU pada 7 Mei 2012 bersetuju Kementerian melaksanakan perolehan perkhidmatan penyenggaraan secara tender terbuka untuk mendapatkan harga yang kompetitif dan value for money kepada Kerajaan. Manakala Kementerian Kewangan pada 9 Julai 2012 telah membatalkan opsyen pelanjutan 3 tahun bagi HIS di Hospital Kepala Batas, Hospital Lahad Datu, Hospital Selayang, Hospital Sultan Ismail dan Hospital Serdang dengan syarikat SCSB.

42.5.1.2. Pematuhan Kepada Syarat Kontrak Penyenggaraan

a. Pasukan Projek

Berdasarkan syarat kontrak, kontraktor dikehendaki menyediakan jumlah pasukan projek yang mencukupi bagi melaksanakan penyenggaraan HIS. Pasukan projek tersebut terdiri daripada Pengurus Projek, Jurutera Sokongan Aplikasi, Jurutera Sokongan Pelanggan dan Jurutera Sokongan Teknikal. Semakan Audit terhadap pasukan projek yang melaksanakan penyenggaraan HIS di hospital yang dilawati mendapati perkara berikut:

i. Terma kontrak tidak menyatakan dengan jelas perkara berkaitan cuti rehat, cuti sakit, cuti bersalin dan cuti haji. Ini menyebabkan kontraktor membuat keputusan sendiri berkaitan dengan cuti pasukan projek.

ii. Sungguhpun bilangan pasukan projek tidak mencukupi sebagaimana dinyatakan dalam kontrak disebabkan sama ada ahli pasukan bercuti atau kerana jawatan tidak diisi, didapati kontraktor masih menuntut bayaran penuh. Tuntutan tersebut juga dibayar serta diperakukan oleh pihak hospital. Berdasarkan semakan Audit, bayaran berjumlah RM0.54 juta sepatutnya tidak dibayar dan perlu dikutip semula daripada kontraktor di HKeningau; HLD; HPekan dan HSAH. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 42.3
BAYARAN TERHADAP PASUKAN PROJEK YANG TIADA/TIDAK HADIR BEKERJA

HOSPITAL	JUMLAH PERLU DIKUTIP (RM)	JUMLAH TELAH DIKUTIP (RM)*
Keningau	51,010	30,800
Lahad Datu	313,698	64,291

HOSPITAL	JUMLAH PERLU DIKUTIP (RM)	JUMLAH TELAH DIKUTIP (RM)*
Pekan	144,018	168,274
Sultan Abdul Halim	33,900	23,700
JUMLAH	**542,626**	**287,065**

Nota: ***(*) - Berdasarkan Maklum Balas Kementerian Bertarikh 15 Jun 2012***

iii. Berdasarkan kontrak secara rundingan terus di 5 hospital yang dilaksanakan oleh SCSB, bayaran bagi setiap ahli pasukan projek adalah meliputi bayaran gaji (RM2,300 hingga RM11,713 sebulan); caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja/Pertubuhan Keselamatan Sosial (RM299 hingga RM1,523 sebulan); insurans pekerja (RM80 hingga RM220 sebulan); elaun *hardship* (RM250 hingga RM880 sebulan); elaun *shift* (RM400 hingga RM585 sebulan) dan peruntukan bonus (RM217 hingga RM3,218 sebulan). Jumlah keseluruhan bayaran tersebut akan ditambah dengan margin kontraktor (RM36 hingga RM6,143 sebulan) dan setiap tahun SCSB akan menaikkan kadar bayaran pasukan projek antara 1% hingga 10%. Butiran jumlah bayaran bagi pasukan projek adalah seperti jadual di bawah.

JADUAL 42.4
BAYARAN PASUKAN PROJEK BAGI KONTRAK DI BAWAH SYSTEMATIC CONGLOMERATE SDN. BHD.

HOSPITAL	BIL. KATIL	BIL. PEKERJA (Orang)	BAYARAN PASUKAN PROJEK (RM Juta)
Kepala Batas	108	11	6.96
Lahad Datu	268	16	10.31
Selayang	852	35	18.52
Serdang	630	35	11.03
Sultan Ismail	704	35	11.03
JUMLAH			**57.85**

iv. Semakan Audit selanjutnya terhadap bayaran emolumen pasukan projek bagi kontrak secara rundingan terus mendapati perkara berikut:

- Bayaran bagi pasukan projek ditentukan sendiri oleh pihak SCSB berdasarkan kadar pasaran semasa dan Kementerian tidak mempunyai asas penandaarasan bagi bayaran tersebut menyebabkan bayaran yang tinggi dibayar kepada pasukan projek. Sebagai contoh, kos bagi seorang Pengurus Cawangan yang mempunyai pengalaman kerja antara 4 hingga 15 tahun adalah berjumlah RM15,375 hingga RM22,510 sebulan. Kos tersebut termasuk peruntukan bonus antara RM753 hingga RM3,040 sebulan (RM9,036 hingga RM36,480 setahun) dan margin kontraktor antara RM105 hingga RM6,432 sebulan (RM1,260 hingga RM77,184 setahun).
- Berdasarkan semakan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), didapati bayaran caruman yang dibayar oleh SCSB kepada pekerjanya bagi penyenggaraan di HSelayang adalah lebih rendah berbanding jumlah yang dituntut setiap bulan dari hospital. Berdasarkan maklumat tersebut dan perkiraan Audit, terdapat perbezaan bayaran sebenar dan yang dituntut bagi sebahagian gaji pokok, caruman KWSP dan margin kontraktor bagi tahun 2011 dari hospital terlibat berjumlah RM0.99 juta (41.4%) daripada bayaran sebenar yang dibuat kepada pekerjanya. Butiran lebihan bayaran tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 42.5
PERBEZAAN BAYARAN DITUNTUT DENGAN BAYARAN SEBENAR
BAGI TAHUN 2011 DI HOSPITAL SELAYANG

PERKARA	BAYARAN DITUNTUT (RM)	BAYARAN SEBENAR (RM)	PERBEZAAN BAYARAN (RM)	PERATUS PERBEZAAN (%)
Gaji Pokok	1,585,121	929,328	655,793	41.4
Caruman KWSP 12%	190,215	111,519	78,696	
Jumlah	**1,775,336**	**1,040,847**	**734,489**	
Margin 35%	621,368	364,297	257,071	
JUMLAH	**2,396,704**	**1,405,144**	**991,560**	**41.4**

Nota: ***Berdasarkan Sebahagian Tuntutan Bagi 32/35 Orang***

- Berdasarkan lebihan tuntutan bayaran sebanyak 41.4% oleh SCSB di HSelayang bagi tahun 2011, adalah dikhuatiri berlaku juga perbezaan bayaran sebenar berbanding yang dituntut di 4 hospital yang lain. Bagi keseluruhan tempoh kontrak selama 5 tahun untuk 5 hospital perbezaan tuntutan adalah dianggarkan sehingga RM23.95 juta. Butirannya seperti di jadual berikut:

JADUAL 42.6
LEBIHAN TUNTUTAN/BAYARAN PASUKAN PROJEK BAGI
KONTRAK DI BAWAH SYSTEMATIC CONGLOMERATE SDN. BHD.

HOSPITAL	BAYARAN PASUKAN PROJEK (RM)	PERATUS LEBIHAN BAYARAN (%)	JUMLAH LEBIHAN BAYARAN (RM Juta)
Lahad Datu	10.31	41.4	4.27
Kepala Batas	6.96		2.88
Selayang	18.52		7.66
Serdang	11.03		4.57
Sultan Ismail	11.03		4.57
JUMLAH	**57.85**		**23.95**

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Kontraktor perlu menyediakan pekerja gantian sekiranya ahli pasukan projek tidak hadir dan sehingga 15 Jun 2012, sebanyak RM0.29 juta telah/akan dikutip daripada kontraktor. Kementerian tidak mempunyai kuasa yang mencukupi untuk menyemak dengan pihak berkuasa tertentu seperti KWSP bagi memastikan kontraktor mengisytiharkan dan mencarum gaji pekerjanya seperti yang dituntut. Kementerian pada 27 April 2012 telah berbincang dengan kontraktor berhubung dengan perbezaan tuntutan bayaran dan pihak kontraktor tidak bersetuju dengan pandangan Jabatan Audit Negara. Sungguh pun begitu, pihak syarikat bersedia untuk membuat perbincangan lanjut dengan Kementerian. Mengikut Jabatan Peguam Negara, dokumen perincian emolumen pasukan projek yang dirujuk semasa rundingan harga bagi HLD dan Hospital Kepala Batas tidak mengikat Kerajaan mahu pun syarikat. Perbezaan lebihan tuntutan hanya berlaku di 3 hospital sahaja iaitu bagi kontrak di HSelayang, HSerdang dan Hospital Sultan Ismail yang dianggarkan berjumlah RM17 juta. Sehubungan itu, pada 15 Ogos 2012, kontraktor telah memaklumkan Kementerian bahawa berdasarkan pengiraan semula oleh syarikat, amaun emolumen dan overhead yang terlebih dibayar oleh Kementerian adalah sebanyak RM1.6 juta dan telah memohon agar Kementerian mempertimbangkan jumlah tersebut. Walau bagaimanapun pihak Audit dimaklumkan bahawa Kementerian akan menyemak semula perkara berkaitan sebelum jumlah tersebut dimuktamadkan.

b. *Back To Back Agreement*

Syarat kontrak antara lainnya menyatakan bahawa perjanjian secara *back to back* dengan vendor/pengeluar/pembekal/*product principal* perlu dibuat bagi perkakasan dan perisian kritikal bagi tujuan perkhidmatan sokongan dan penyenggaraan. Perjanjian tersebut perlu diserahkan kepada Kementerian dan hospital terlibat dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Perjanjian tersebut juga perlu ditandatangani atas nama Kementerian/hospital berkenaan serta menunjukkan dengan jelas harga kos bagi setiap lesen terlibat. Semakan Audit mendapati salinan perjanjian tersebut tidak diserahkan kepada HKeningau, HLD, HPekan dan HSAH.

c. Latihan Dan Pemindahan Teknologi

Berdasarkan kontrak penyenggaraan bagi HKeningau, kontraktor hendaklah menyediakan latihan dan pemindahan teknologi sebagaimana dinyatakan dalam kontrak. Semakan Audit mendapati sehingga bulan November 2011 iaitu selepas kontrak dilaksanakan selama 23 bulan, latihan dan pemindahan teknologi di hospital tersebut masih belum dilaksanakan bagi 6 daripada 8 latihan yang dirancang iaitu *Advance Training of PMS Module, Oracle 9i Performance Tuning, Veritas Storage Foundation 5.0 Administration, Managing and Maintaining Microsoft 2003 Server Environment*, Latihan Pengguna Bagi Pentadbir Aplikasi HIS dan Latihan Pengguna Bagi Aplikasi HIS.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Semua hospital terlibat telah menerima salinan perjanjian secara back to back daripada kontraktor manakala latihan di HKeningau tidak dapat dijalankan kerana kekurangan pegawai.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah menyemak ketepatan jumlah emolumen terlebih bayar dan menuntut lebihan tersebut. Perkara ini perlu diselesaikan segera bagi menjaga kepentingan kedua-dua belah pihak.

42.5.2. Pelaksanaan Penyenggaraan

42.5.2.1. Keperluan Penyenggaraan

Bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap penyenggaraan yang dibuat, penyenggaraan sewajarnya hendaklah dilaksanakan terhadap perkakasan yang kritikal. Bagaimanapun semakan Audit di HLD, HKeningau, HPekan dan HSAH mendapati perkakasan yang tidak perlu disenggara seperti mesin Pembaca MyKad, *barcode scanner/printer, digital camera, cash drawer* dan *backup tape* tetapi telah dimasukkan dalam senarai penyenggaraan menyebabkan kos penyenggaraan bertambah sejumlah RM1 juta. Butirannya adalah seperti di **Jadual 42.7** dan contoh peralatan adalah seperti di **Gambar 42.1** dan **42.2**.

JADUAL 42.7
PERALATAN YANG TIDAK MEMERLUKAN PENYENGGARAAN

PERKAKASAN	HLD		HKENINGAU		HPEKAN		HSAH		JUMLAH (RM)
	a	b	a	b	a	b	a	b	
Pencetak/Pengimbas									
Barcode Scanner LS2208	40	41,197	49	30,000	19	1,938	221	232,050	305,185
Barcode Printer TLP2844	33	191,235	32	22,500	29	3,567	105	63,000	280,302
Pembaca MyKad									
Tricubes	-	-	-	-	17	816	29	108,750	109,566

PERKAKASAN	HLD		HKENINGAU		HPEKAN		HSAH		JUMLAH (RM)
	a	b	a	b	a	b	a	b	
Intellect	19	85,405	-	-	-	-		-	85,405
Lain-lain Perkakasan									
Information Kiosk	1	5,615	-	-	-	-	2	21,000	26,615
Cash Drawer	10	3,200	-	-	-	-	-	-	3,200
Digital Camera	8	12,782	-	-	-	-	-	-	12,782
Backup Tape 800GB RW	-	-	35	6,000	-	-	250	120,000	126,000
HP Scan Jet	-	-	-	-	-	-	5	12,000	12,000
Wireless Access Point	-	-	-	-	-	-	41	43,050	43,050
JUMLAH (RM)	**339,434**		**58,500**		**6,321**		**599,850**		**1,004,105**

Nota: ***(a) - Bilangan (Unit)***
(b) - Jumlah Kos Penyenggaraan (RM)

GAMBAR 42.1



Hospital Lahad Datu
- Kos Penyenggaraan Cash Drawer RM320/Unit
(19.12.2011)

GAMBAR 42.2



Hospital Lahad Datu
- Kos Penyenggaraan Digital Camera RM1,597.75/Unit
(19.12.2011)

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Cash drawer dan digital camera tidak perlu disenggara, sementara item back-up tape 800GB RW bukanlah bertujuan untuk penyenggaraan tetapi ia lebih berbentuk consumables yang perlu disediakan oleh pihak kontraktor bagi melaksanakan proses back-up dan juga keperluan di Jabatan Radiologi bagi penyimpanan imej radiologi. Bagi peralatan lain perlu disenggara oleh pihak kontraktor kerana pihak hospital akan mendapat peralatan yang baru sekiranya peralatan sedia ada mengalami kerosakan.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah merancang dengan teliti keperluan penyenggaraan bagi hospital lain pada masa akan datang agar masalah yang sama tidak berulang. Bagi peralatan yang tidak perlu disenggara pelarasan harga perlu dibuat, manakala bagi *consumables item* ia perlu dikawal penerimaannya begitu juga alat yang perlu diganti.

42.5.2.2. Harga Penyenggaraan

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, antara objektif penyenggaraan aset adalah bagi menjimatkan perbelanjaan Kerajaan. Sehubungan itu, penyenggaraan perlu dibuat secara berhemat bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money.* Adalah didapati beberapa kelemahan berhubung harga penyenggaraan HIS seperti berikut:

a. Harga Penyenggaraan Melebihi Harga Perolehan

Semakan Audit mendapati harga penyenggaraan bagi sebahagian peralatan melebihi antara 1.8 hingga 72.5 kali ganda daripada harga perolehannya bagi tempoh kontrak di HLD dan HSAH. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 42.8
HARGA PENYENGGARAAN MELEBIHI HARGA PEROLEHAN

PERKAKASAN	HOSPITAL	KOS ALAT SEUNIT (RM)	KOS PENYENGGARAAN SEUNIT PERALATAN (BAGI TEMPOH 3/5 TAHUN) (RM)	HARGA PENYENGGARAAN BERBANDING KOS PEROLEHAN ALAT (Kali)
Komputer				
Desktop HP DC7600	HLD	3,260	18,297	5.6
Pencetak Laser				
Lexmark E332n	HLD	1,916	16,455	8.6
Pencetak Dot Matrik				
Epson LQ300	HLD	738	53,525	72.5
Epson LQ2080	HLD	2,298	5,320	2.3
Pencetak/Pengimbas				
Barcode Printer TLP2844	HLD	2,947	5,795	1.9
Pembaca MyKad				
Tricubes	HSAH	185	3,750	20.3
Intellect	HLD	2,000	4,495	2.3
Lain-lain				
Digital Camera	HLD	899	1,598	1.8

Sumber: ***Dokumen Kontrak***

b. Perbezaan Harga Bagi Perkakasan Sama

Semakan Audit di HLD, HKeningau, HPekan, HSAH dan HSelayang mendapati terdapat perbezaan harga penyenggaraan bagi seunit perkakasan yang sama. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 42.9
PERBEZAAN HARGA PENYENGGARAAN

PERKAKASAN	KOS PENYENGGARAAN PER UNIT SETAHUN (RM)				
	HLD	HKENINGAU	HPEKAN	HSAH	HSELAYANG
Komputer					
Desktop HP DC7600	3,660	250	-	230	213
Desktop HP DC7700	-	277	70	230	213
Pencetak Laser					
HP Laser Jet 1022n	-	208	-	110	-
HP Colour Laser Jet 5550	-	-	66	1,680	-
Lexmark E332n	3,291	153	-	-	-
Pencetak Dot Matrik					
Epson LQ300	10,705	250	-	-	-
Epson LQ2080	1,064	400	-	-	-
Epson LQ2090	-	840	-	380	-
Epson DFX9000	-	-	1,285	290	-
Pencetak/Pengimbas					
Barcode Scanner LS2208	206	204	34	350	57
Barcode Printer TLP2844	1,159	234	41	200	409
Pembaca MyKad					
Tricubes	-	-	16	1,250	-
Intellect	899	-	-	-	-
Lain-lain Perkakasan					
Information Kiosk	1,123	-	-	3,500	-
Cash Drawer	64	-	-	-	-

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Skop penyenggaraan adalah secara komprehensif iaitu secara back to back dengan pihak pengeluar. Ini menyebabkan syarikat menawarkan harga yang tinggi. Kos penyenggaraan bukan hanya meliputi kos Planned Preventive Maintenance (PPM) sahaja tetapi meliputi pembaikan (corrective) dan penggantian mengikut jenama yang sama serta spesifikasi yang setara atau lebih tinggi. Bagi pencetak Epson LQ300 ia adalah harga penyenggaraan seunit pencetak bagi tempoh lima tahun. Kos ini sebenarnya meliputi kos PPM, pembaikan dan penggantian (sekiranya rosak dan tidak boleh digunakan). Perbezaan harga penyenggaraan ini juga adalah disebabkan faktor perolehan antara kontrak runding terus dan tender terbuka.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu menetapkan anggaran harga asas terhadap penyenggaraan perkakasan HIS bagi mengelakkan perbezaan harga yang ketara bagi perkakasan yang sama. Selain itu, Kementerian perlu memastikan elemen harga penyenggaraan disemak dengan teliti sebelum memeterai kontrak penyenggaraan HIS pada masa hadapan. Kementerian hendaklah memastikan semua kerja penyenggaraan telah dibuat seperti ditetapkan sebelum membuat pembayaran.

42.5.2.3. Kerja Penyenggaraan

a. Perbezaan Bilangan Perkakasan

i. Memandangkan penyenggaraan HIS melibatkan jumlah perbelanjaan yang tinggi, penyenggaraan sewajarnya hanya dibuat terhadap perkakasan yang disahkan kewujudannya secara fizikal. Bagaimanapun semakan Audit mendapati bilangan perkakasan sebenar yang wujud secara fizikal di HKeningau, HPekan dan HSelayang adalah tidak sama seperti bilangan yang dinyatakan di dalam kontrak, di mana terdapat perbezaan sebanyak 35 unit perkakasan dengan kos berjumlah RM71,211. Ini menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian terhadap pembayaran penyenggaraan perkakasan yang tidak wujud tetapi telah diambil kira di dalam caj bayaran penyenggaraan. Butiran perbezaan tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 42.10
PERBEZAAN JUMLAH PERKAKASAN ANTARA KONTRAK DAN FIZIKAL

PERKAKASAN	BIL. (UNIT)		PERBEZAAN (UNIT)	HARGA (RM)	
	DALAM KONTRAK	PERKIRAAN FIZIKAL/ BERDASARKAN LAPORAN PPM		SEUNIT	JUMLAH
Hospital Keningau					
Personal Computer	257	251	6	3,333	19,998
Printer	54	45	9	1,916	17,244
Barcode Scanner	68	61	7	1,812	12,684
Label Printer	50	45	5	2,597	12,985
Dot Matrik Printer	14	12	2	2,500	5,000
JUMLAH	**443**	**414**	**29**		**67,911**
Hospital Pekan					
Barcode Scanner	19	18	1	750	750
Hospital Selayang					
Barcode Scanner	65	60	5	510	2,550
JUMLAH	**527**	**492**	**35**		**71,211**

ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati beberapa kelemahan berhubung pengurusan aset (termasuk perkakasan ICT) di hospital yang dilawati seperti berikut:

- Semua aset perlu didaftarkan oleh Pegawai Aset di dalam Daftar Harta Modal (KEW.PA2). Daftar asal itu perlu disimpan oleh Pegawai Aset dan salinannya disimpan di lokasi aset. Bagaimanapun, didapati tiada salinan KEW.PA2 bagi perkakasan HIS di HKeningau, HLD, HSAH dan HSelayang.
- Pergerakan aset bagi tujuan pinjaman atau penempatan sementara perlu direkod pada Daftar Pergerakan Harta Modal/Inventori (KEW.PA-6). Bagaimanapun, semakan Audit di HKeningau, HLD, HSAH dan HSelayang mendapati daftar tersebut tidak disediakan di lokasi aset ditempatkan.
- Semua aset perlu dilabelkan dengan Hak Kerajaan Malaysia dan Nombor Siri Pendaftaran. Bagaimanapun, semakan Audit di HSAH mendapati 16 unit komputer (No. ID: Training 01 – 16) tidak dilabelkan dengan Hak Kerajaan Malaysia dan Nombor Siri Pendaftaran.
- HLD dan HSAH tidak pernah menjalankan pemeriksaan aset sejak kontrak dilaksanakan pada tahun 2007, manakala bagi HKeningau dan HPekan, pemeriksaan aset hanya dijalankan sekali iaitu pada bulan Mac 2011.
- Sistem Pengurusan Aset adalah aplikasi yang dibangunkan untuk tujuan kawalan dan pemantauan aset bagi semua Kementerian dan Jabatan di Malaysia. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Sistem Pemantauan Pengurusan Aset tidak digunakan di semua hospital yang dilawati.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Tindakan telah diambil untuk melaraskan kembali senarai peralatan yang diperlukan serta bayaran penyenggaraan. Semua aset terlibat telah didaftarkan dan tindakan pembetulan telah diambil selaras dengan peraturan pengurusan aset semasa.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu menyemak semula kerja penyenggaraan yang dilakukan berbanding kontrak dan menuntut balik bayaran kerja yang tidak dilaksanakan. Kelemahan terhadap pengurusan aset boleh menjejaskan keberkesanan penyenggaraan HIS. Sehubungan itu, Kementerian perlu memastikan peraturan semasa terhadap pengurusan aset sentiasa dipatuhi oleh semua pusat tanggungjawab di bawah Kementerian.

42.5.2.4. *Planned Preventive Maintenance* (PPM)

a. PPM perlu dilaksanakan setiap 3 hingga 4 bulan bagi memastikan perkakasan ICT dalam keadaan paling optimum untuk menjamin kelancaran operasi HIS. Semasa PPM dibuat, kontraktor perlu menandakan perkakasan yang disenggara dengan pelekat PPM yang menyatakan tarikh terakhir PPM dilaksanakan. Ini bertujuan memudahkan pelaksanaan PPM yang berikutnya. Semakan Audit terhadap pelaksanaan PPM mendapati perkara berikut:

i. Di HLD, satu PPM tidak dijalankan pada tahun 2007 dan PPM hanya dijalankan sebanyak 3 kali pada tahun 2010.


ii. Di HPekan, PPM yang dijalankan tidak menepati tempoh seperti yang dinyatakan dalam kontrak iaitu kelewatan antara 10 hingga 71 hari daripada tarikh sepatutnya.

iii. Pelekat PPM terkini tidak dilekatkan pada perkakasan ICT di HKeningau, HLD dan HPekan. Ini menunjukkan PPM berkemungkinan tidak dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Contohnya adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 42.3



GAMBAR 42.4




Hospital Lahad Datu
- Pencetak - PPM Terakhir Dibuat Pada 21 Julai 2011
(16.12.2011)

GAMBAR 42.5



GAMBAR 42.6




Hospital Keningau
- Komputer Riba - PPM Terakhir Dibuat Pada 2 Julai 2010
(21.12.2011)

GAMBAR 42.7



GAMBAR 42.8



Hospital Keningau
- Barcode Scanner - PPM Terakhir Dibuat Pada 30 Mac 2011
(21.12.2011)

GAMBAR 42.9



GAMBAR 42.10



Hospital Keningau
- Pembaca MyKad - PPM Terakhir Dibuat Pada 2 November 2010
(21.12.2011)

b. Syarat kontrak mengenai PPM menyatakan analisis terhadap status PPM perlu disediakan oleh kontraktor selepas PPM dilaksanakan. Pada umumnya, analisis yang disediakan oleh pihak kontraktor terhadap pelaksanaan PPM bagi hospital yang dilawati adalah memuaskan kecuali di HSAH seperti berikut:

i. Penggunaan e-Mail Individu Melebihi Kapasiti

Setiap pegawai/staf diperuntukkan kapasiti email sebanyak 50MB bagi menjamin ruang penyimpanan email yang mencukupi. Mengikut laporan PPM yang dijalankan pada 1 April 2011, sebanyak 284 email telah melebihi kapasiti tersebut sehingga mencecah 1.4GB. Pengguna email tersebut didapati menggunakan transaksi secara aktif dan pentadbir email masih membenarkan penerimaan email sungguhpun melebihi kapasiti email yang ditetapkan. Isu penggunaan email melebihi kapasiti masih berlarutan dalam Laporan PPM berikutnya.

ii. Pengguna Tidak Aktif

Setiap pengguna diperuntukkan ID Pengguna (User ID) bagi tujuan *log in* ke komputer. Ia satu langkah yang baik kerana setiap capaian akan direkodkan dalam profil pengguna. Berdasarkan kriteria umum yang diguna pakai, ID pengguna hendaklah dinyahaktifkan sekiranya pengguna gagal *log in* ke dalam sistem dalam tempoh 60 hari. Bagaimanapun didapati 1,537 pengguna yang telah diperuntukkan ID tidak *log in* melebihi 60 hari termasuk juga pengguna yang tidak pernah *log in* semenjak ID Pengguna diwujudkan pada bulan Ogos 2007.

iii. Perisian Komputer Tidak Aktif/Tidak Digunakan

Analisis juga menunjukkan terdapat 246 (30%) daripada 819 unit komputer tidak aktif/tidak pernah digunakan melebihi 60 hari. Berdasarkan tarikh capaian terakhir (last log in date), sebahagian daripadanya tidak pernah digunakan sejak 9 Oktober 2007.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Sebanyak 2 PPM tidak dijalankan di HLD iaitu pada suku pertama tahun pertama serta suku pertama tahun ke-3 dan sejumlah RM17,022 telah ditolak daripada bayaran. Sementara itu, komputer yang tidak aktif adalah berdasarkan kepada capaian rangkaian tetapi digunakan di persekitaran local (tidak menggunakan rangkaian).

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah menyemak semula jumlah yang patut dituntut semula kerana tidak sepadan dengan kos keseluruhan PPM bagi tempoh 4 tahun (20 PPM) yang berjumlah RM5.22 juta.

42.5.2.5. *Business Continuity Services*

Business Continuity Services (BCS) perlu dilaksanakan bagi memastikan wujudnya kesinambungan tugas walaupun berlaku bencana yang mengakibatkan terputus capaian ke *server* dan pangkalan data. Antara perkara yang perlu wujud dalam BCS adalah prosedur pemulihan bencana serta pusat sandaran *offsite* bagi simpanan data dan perisian komputer. Pendekatan yang digunakan bagi BCS di kesemua hospital yang dilawati ialah melalui kaedah *backup dan restore*. Semakan Audit pada umumnya mendapati pelaksanaan BCS di kesemua hospital tersebut adalah memuaskan kecuali HSAH seperti berikut:

a. Dokumentasi *Business Continuity Services*

Mengikut kontrak, dokumentasi berkaitan BCS hendaklah dikemaskinikan bagi semua komponen/modul aplikasi HIS sama ada kritikal atau bukan kritikal untuk memastikan perkhidmatan hospital berjalan lancar. BCS juga perlu menerangkan langkah terperinci untuk pemulihan seperti proses mengemas kini maklumat yang telah disimpan dalam pita sandaran (backup tape) sebelum berlaku bencana. Bagaimanapun, semakan Audit di HSAH mendapati BCS tidak menerangkan perkara tersebut sebaliknya hanya menerangkan mengenai *plan, unplanned downtime* dan langkah yang perlu diambil oleh pihak vendor/hospital.

b. Penyimpanan *Backup Tape*

Mengikut perjanjian, *backup* perlu dilakukan secara harian, mingguan dan bulanan meliputi data dan aplikasi. Selain itu, bagi menjamin keselamatan data sekiranya berlaku bencana seperti kebakaran yang menyebabkan perkakasan musnah, *backup tape* sepatutnya disimpan di tempat berasingan. Lawatan ke pusat data mendapati *backup tape* harian, mingguan dan bulanan bagi data *backup* dan aplikasi telah dilabel dengan baik. Bagaimanapun *backup tape* tidak disimpan di tempat berasingan sebaliknya disimpan dalam bilik server.

c. Bilik Server/Pusat Data

Bilik server/pusat data hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan tersusun selain mempunyai ciri-ciri keselamatan capaian secara fizikal. Lawatan Audit ke bilik server mendapati capaian secara fizikal ke bilik server menggunakan kad keselamatan yang dikawal mengikut tahap capaian (access control list). Bagaimanapun didapati barangan terpakai seperti kotak, kabel dan *monitor* disimpan di dalam bilik server. Contohnya adalah seperti di **Gambar 42.11** dan **42.12**. Barangan tersebut sepatutnya tidak disimpan dalam bilik server kerana mudah terbakar. Keadaan bilik ini juga perlu kemas dan sentiasa bersih kerana perkakasan komputer tersebut adalah sensitif terhadap habuk dan mudah rosak.

GAMBAR 42.11



Hospital Sultan Abdul Halim
- Kotak Kosong Dan Kabel Komputer Dalam Bilik Server
(14.11.2011)

GAMBAR 42.12



Hospital Sultan Abdul Halim
- Monitor Komputer Dalam Bilik Server
(14.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Tindakan pembetulan telah diambil dan arahan telah dikeluarkan kepada semua Pegawai Teknologi Maklumat di semua hospital pada 10 Mei 2012 untuk mematuhi Dasar Keselamatan ICT Kementerian.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan penyenggaraan oleh kontraktor perlu dipantau dari semasa ke semasa.

42.5.3. Rekod Penyenggaraan

Menurut kontrak, terdapat beberapa dokumen/laporan yang perlu disediakan oleh kontraktor secara berkala. Semakan Audit mendapati pada umumnya dokumen/ laporan yang tidak disediakan sebagaimana kehendak kontrak di kesemua hospital yang dilawati kecuali HSelayang adalah seperti berikut:

42.5.3.1. Statistik penggunaan *disk space* dan laporan *CPU utilisation* yang perlu dilaporkan setiap bulan tidak dilaporkan di HSAH (Ogos 2010 hingga April 2011), HPekan (September 2010 hingga September 2011) dan HKeningau (Januari 2010 hingga November 2011).

42.5.3.2. Laporan *Performance Tuning System, Database Tuning,* dan *Database Utilisation* perlu disediakan setiap enam bulan. Di HSAH, laporan tersebut hanya dikemukakan selepas setahun kontrak berjalan iaitu pada 18 Ogos 2011. Manakala di HLD, laporan tidak dikemukakan sejak bulan Februari 2008 hingga Ogos 2011.

42.5.3.3. Laporan *Capacity Planning* dan *Database Reorganisation* yang perlu disediakan setahun sekali tidak dikemukakan oleh kontraktor di kesemua hospital yang dilawati. Sehingga 12 November 2011, laporan tersebut masih belum disediakan.

42.5.3.4. Laporan *Security Posture Assessment* yang perlu dikemukakan setiap tahun tidak dikemukakan oleh kontraktor di HSAH.

42.5.3.5. Dokumen *Standard Operating Procedure* (SOP) perlu disediakan oleh kontraktor 3 bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Didapati dokumen tersebut masih belum dikemukakan di HPekan manakala SOP yang diguna pakai di hospital tersebut adalah SOP yang dikeluarkan oleh Solutions Protocol Sdn. Bhd. (kontraktor bagi pembangunan dan penyenggaraan Fasa 1 HIS di hospital tersebut).

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Tindakan pembetulan telah diambil dan pemotongan bayaran telah dibuat kepada kontraktor ke atas laporan yang tidak dikemukakan.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah tegas dalam menguatkuasakan undang-undang dan mengambil tindakan ke atas kontraktor yang melanggar syarat perjanjian kontrak.

42.6. SYOR AUDIT

Berdasarkan kelemahan yang dibangkitkan, Kementerian adalah disyorkan supaya mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

42.6.1. Menyemak ketepatan jumlah lebihan bayaran emolumen yang dipohon oleh SCSB serta menuntut balik jumlah tersebut.

42.6.2. Bagi mengelakkan perkara yang sama berulang di hospital lain, Kementerian perlu mengkaji semula kandungan kontrak khususnya berhubung terma yang jelas berkaitan cuti kakitangan serta tindakan/penalti dikenakan kepada kontraktor terhadap sebarang kemungkiran/ketidakpatuhan kontrak.

42.6.3. Menguatkuasakan undang-undang dan mengambil tindakan ke atas kontraktor yang melanggar syarat perjanjian kontrak.

42.6.4. Menetapkan anggaran harga asas terhadap penyenggaraan perkakasan HIS dan memastikan elemen harga penyenggaraan disemak dengan teliti sebelum memeterai kontrak penyenggaraan HIS pada masa hadapan. Pelaksanaan penyenggaraan oleh kontraktor juga perlu dipantau dari semasa ke semasa.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 341-350
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

43. PENGURUSAN PROGRAM PERKHIDMATAN DOKTOR UDARA DI NEGERI SARAWAK

43.1. LATAR BELAKANG

43.1.1. Program Perkhidmatan Doktor Udara (PDU) di negeri Sarawak telah dilancarkan secara rasmi pada 25 September 1973. Pada mulanya, program PDU ini disediakan dengan menggunakan helikopter Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM), namun mulai tahun 1975, Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) telah menyewa 2 buah helikopter untuk program PDU. Program ini bertujuan untuk menyalurkan perkhidmatan asas kesihatan kepada penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman yang tidak dapat dihubungi dengan kemudahan pengangkutan darat ataupun sungai. Ia juga bertujuan untuk merapatkan jurang perbezaan tahap kesihatan di antara penduduk bandar dan luar bandar. Setakat 31 Disember 2011, terdapat 10 pasukan PDU yang berpangkalan di semua Pejabat Kesihatan Bahagian (PKB) kecuali di PKB Betong. Setiap pasukan PDU dianggotai oleh seorang pegawai perubatan, seorang penolong pegawai perubatan dan 2 orang jururawat terlatih atau jururawat masyarakat.

43.1.2. Objektif utama program PDU adalah untuk memberikan perkhidmatan kesihatan asas dari aspek kawalan penyakit (preventive) dan promosi kesihatan (promotive); memberikan perkhidmatan asas ibu dan kanak-kanak seperti jagaan ibu mengandung, *post natal*, imunisasi dan perancang keluarga; mengesan penyakit berjangkit seperti tibi, kusta dan malaria; memberi rawatan susulan untuk pesakit-pesakit kronik seperti tibi, kusta, psikiatri, darah tinggi dan *diabetes* serta mengenal pasti dan merujuk kes yang memerlukan rawatan lanjut. Di samping itu, PDU juga bertanggungjawab menyediakan *Medical Emergency Evacuation Services* (MEDEVAC) untuk kes kecemasan. MEDEVAC bertanggungjawab memindahkan kes kecemasan yang berlaku sama ada dari lokasi PDU ke hospital, klinik kesihatan ke hospital dan hospital ke hospital. Selain itu, PDU juga digunakan untuk menghantar bekalan perubatan, ubat-ubatan dan anggota kesihatan ke kemudahan kesihatan yang jauh di pedalaman dan membawa pasukan kesihatan untuk melakukan penyiasatan wabak di tempat yang jauh dan sukar dihubungi dengan kemudahan pengangkutan lain.

43.1.3. Kementerian telah menandatangani kontrak dengan SAR Helikopters Sdn. Bhd. untuk melaksanakan PDU bagi tempoh 1 Januari 2007 hingga 31 Disember 2010. Bagaimanapun, kontrak ini telah ditamatkan pada 4 Disember 2007 disebabkan kontraktor gagal memenuhi spesifikasi dalam kontrak. Lanjutan itu, kaedah perolehan PDU bagi tempoh tahun 2008 hingga 30 September 2009 ialah melalui pesanan kerajaan sehingga kontrak baru ditandatangani. Kontrak baru ini yang bernilai RM63.60 juta telah ditandatangani pada 3 Februari 2010 dengan Layang-Layang Aerospace Sdn. Bhd. dan tempoh kontrak dari 1 Oktober 2009 hingga 30 September 2013.

43.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan program PDU di negeri Sarawak telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

43.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan program PDU di negeri Sarawak bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011 melibatkan Bahagian Pembangunan Keluarga, Bahagian Kewangan, Bahagian Perolehan di Ibu Pejabat Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKNS) dan 4 PKB iaitu Kuching, Samarahan, Sibu dan Miri.

43.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan dengan program PDU di negeri Sarawak. Pemeriksaan fizikal bersama pegawai JKNS dan pihak kontraktor telah dilakukan terhadap 5 buah helikopter di Kuching, Sibu dan Miri. Lawatan Audit juga dijalankan bersama pasukan PDU ke 3 lokasi di Bahagian Miri. Selain itu, temu bual dan perbincangan diadakan dengan pegawai yang terlibat dengan pengurusan program PDU dan pihak kontraktor.

43.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati prestasi pencapaian program PDU secara keseluruhannya adalah memuaskan memandangkan objektifnya untuk memberi perkhidmatan kesihatan asas kepada penduduk pedalaman telah dapat dicapai. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki seperti berikut:

i. bilangan lawatan yang dirancang bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011 adalah 4,689 manakala bilangan lawatan yang sebenarnya dilakukan adalah 3,279. Ini menunjukkan kekurangan 1,410 lawatan berbanding yang dirancang;
ii. promosi kesihatan kurang diberi perhatian di mana tiada jadual disediakan untuk aktiviti berkenaan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011;
iii. tiada pegawai perubatan yang dikhususkan untuk pasukan PDU, sebaliknya pegawai perubatan yang dipilih mempunyai tugas hakiki di hospital atau klinik kesihatan. Ini menyebabkan pegawai perubatan hanya dapat menyertai 262 hari lawatan (14.6%) daripada 1,794 hari lawatan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011;
iv. pengurusan keselamatan program PDU kurang memuaskan di mana perkara ini tidak dinyatakan langsung dalam kontrak dan latihan keselamatan dari aspek pendaratan kecemasan tidak pernah dijalankan;
v. keadaan *landing pad* yang kurang selamat untuk pendaratan dan pelepasan helikopter; dan
vi. kemudahan tempat pemeriksaan dan rawatan pesakit yang kurang sesuai/kurang selesa.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui serta ulasan Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

43.5.1. Prestasi Program PDU

43.5.1.1. Pencapaian Kewangan

Mengikut kontrak yang ditandatangani dengan Layang-Layang Aerospace Sdn. Bhd., kadar sewa tetap bulanan untuk sebuah helikopter (*monthly fixed retained fees per helicopter*) adalah RM240,000 atau RM1.20 juta bagi 5 helikopter. Manakala kadar sewa tetap tahunan adalah berjumlah RM14.40 juta setahun. Kadar bagi jam penerbangan (*rotor hour*) pula ialah RM500 sejam. Pihak kontraktor dikehendaki menyediakan 5 buah

helikopter di mana 3 dikhaskan untuk PDU dan 2 untuk perkhidmatan MEDEVAC. Sebuah helikopter ditempatkan di Kuching untuk PDU bagi Bahagian Kuching, Samarahan, Sri Aman dan Sarikei. Dua buah helikopter ditempatkan di Sibu di mana sebuah dikhaskan untuk PDU bagi bahagian Sibu, Mukah dan Kapit dan sebuah lagi untuk MEDEVAC. Dua buah helikopter ditempatkan di Miri di mana sebuah helikopter dikhaskan untuk PDU bagi Bahagian Miri, Bintulu dan Limbang dan sebuah helikopter untuk MEDEVAC. Peruntukan yang diterima bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011 berjumlah RM50.07 juta dan perbelanjaan sebenar yang dilakukan berjumlah RM48.69 juta (97.2%). Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 43.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM PDU BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2011

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN			PERATUS PERBELANJAAN (%)
		SEWA TETAP BULANAN (RM Juta)	JAM PENERBANGAN (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	
2008	11.46	8.33	2.02	10.35	90.32
2009	7.92	5.57	2.15	7.72	97.48
2010	14.03	13.20	0.78	13.98	99.65
2011	16.66	15.60	1.04	16.64	99.88
JUMLAH BESAR	**50.07**	**42.70**	**5.99**	**48.69**	**97.25**

Sumber: ***Rekod JKNS***

43.5.1.2. Pencapaian Program PDU

a. Adalah didapati bilangan lawatan yang dirancang bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011 adalah 4,689 lawatan. Semakan Audit mendapati bilangan lawatan yang sebenarnya dilakukan bagi tempoh yang sama adalah 3,279 lawatan sahaja. Ini menunjukkan berlaku kekurangan lawatan 1,410 daripada yang telah dirancang. Butirannya seperti di jadual berikut:

JADUAL 43.2
BILANGAN LAWATAN YANG DIRANCANG DAN DILAKSANAKAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011

BILANGAN LAWATAN	TEMPOH			
	2008	2009	2010	2011
Dirancang	970	740	1,489	1,490
Sebenar Dilawati	804 (82.9%)	554 (74.9%)	1,019 (68.4%)	902 (60.5%)
Tidak Dilawati	166 (17.1%)	186 (25.1%)	470 (31.6%)	588 (39.5%)

Sumber: ***Rekod JKNS***

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Pengurangan lokasi penerbangan ini tidak membawa kerugian kepada pihak kerajaan kerana jumlah yang perlu dibayar adalah mengikut jumlah sebenar penerbangan. Pembayaran yang dibuat kepada syarikat adalah berdasarkan kepada perkara seperti berikut:

i. ***Bilangan pesawat yang disewa secara tetap pada kadar RM240,000 bagi setiap pesawat. Dengan pembayaran fixed retainer fee ini, Kementerian mempunyai hak penggunaan eksklusif ke atas kelima-lima pesawat yang disewa. Bayaran sewa ini tidak bergantung kepada bilangan lokasi seperti senarai lampiran dalam kontrak; dan***

ii. ***Bilangan penerbangan sebenar (rotor hours) pada kadar tetap RM500 sejam. Sekiranya berlaku pembatalan penerbangan di atas sebab yang boleh dielakkan oleh syarikat seperti masalah mekanikal, Kementerian***

akan mengenakan klausa deduction in fee di mana sebanyak RM7,000 akan dipotong daripada fixed retainer fee.

Sebagai langkah penambahbaikan, Kementerian akan melaksanakan perkara seperti berikut:

i. Menyediakan spesifikasi bagi kontrak baru yang bakal bermula 1 Oktober 2013 seawal setahun sebelum tamat tempoh kontrak yang ada sekarang;

ii. Menetapkan enam hari penerbangan seminggu dengan satu hari rehat untuk tujuan penyenggaraan pesawat; dan

iii. Menetapkan hanya 2 lokasi dilawati dalam sehari bagi mengatasi masalah kesuntukan masa dan untuk membolehkan perkhidmatan diberi dengan lebih sempurna dan berkualiti.

b. Kementerian tidak menetapkan sasaran jumlah pesakit yang perlu dirawat di lokasi PDU. Bagaimanapun berdasarkan laporan program PDU, pihak Audit mendapati sejumlah 187,027 pesakit yang meliputi pesakit luar, *ante natal, post natal*, perancang keluarga, kanak-kanak di bawah 7 tahun, spesimen untuk *Blood Film For Malaria Parasite* (BFMP), *Sputum Acid Fast Bacilli* (SAFB), *Venereal Disease Research Laboratory Test* (VDRL) dan kes MEDEVAC telah dirawat melalui program PDU bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011. Memandangkan tiada sasaran yang ditetapkan, pihak Audit tidak dapat menentukan prestasi pencapaian program PDU dari aspek bilangan pesakit yang dirawat. Butiran lanjut mengenainya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 43.3
JUMLAH PESAKIT YANG DIRAWAT MELALUI PROGRAM PDU
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011

JENIS RAWATAN	TAHUN			
	2008	2009	2010	2011
Pesakit Luar	28,949	19,579	41,108	34,764
Ante Natal	821	315	636	504
Post Natal	104	56	164	125
Perancang Keluarga	1,761	826	2,316	1,962
Kanak-Kanak Bawah 7 Tahun	9,434	5,747	10,903	9,203
Imunisasi	3,599	1,733	2,820	2,286
Spesimen	969	989	1,814	2,906
Kes MEDEVAC	66	55	220	293
JUMLAH	**45,703**	**29,300**	**59,981**	**52,043**

Sumber: Rekod JKNS

Pada pendapat Audit, JKNS hendaklah memastikan jadual lawatan PDU yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya oleh pihak kontraktor terutama sekali dengan menggantikan lawatan yang dibatalkan disebabkan oleh masalah mekanikal supaya pesakit/penduduk pedalaman dapat menikmati perkhidmatan kesihatan asas yang telah dirancang.

43.5.1.3. Penilaian Terhadap Keberkesanan Program PDU

Bagi menilai sejauh mana program PDU telah dapat mencapai objektif yang ditetapkan, penilaian semula terhadap impak dan keberkesanan program perlu dilaksanakan. Semakan Audit mendapati satu kajian keberkesanan program PDU telah dijalankan oleh JKNS pada tahun 2005. Kajian tersebut telah menunjukkan bahawa PDU amat diperlukan antara 5% hingga 10% oleh penduduk Sarawak yang tinggal jauh di kawasan

pedalaman. Dengan adanya program PDU, ia telah membantu memperbaiki liputan imunisasi dan mencegah penyakit *vaccine preventable diseases*. Selain itu, kadar kematian bayi dan ibu telah dapat dikurangkan dari tahun ke tahun.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Untuk penambahbaikan terhadap mekanisme* penilaian keberkesanan program PDU*, Kementerian sentiasa menjalankan analisa ke atas laporan bulanan dan mengambil tindakan ke atas hasil penemuan; mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama syarikat pembekal untuk memastikan kelancaran perkhidmatan dan mengulangi kajian keberkesanan perkhidmatan PDU dan MEDEVAC.

43.5.1.4. Promosi Kesihatan Kurang Diberi Perhatian

Selain memberi perkhidmatan kesihatan asas dari aspek kawalan penyakit kepada penduduk pedalaman, program PDU juga bertujuan menjalankan promosi kesihatan. Semakan Audit mendapati promosi kesihatan kurang diberi perhatian dan tiada jadual disediakan untuk aktiviti berkenaan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011. Semakan Audit selanjutnya terhadap laporan bulanan program PDU bagi tempoh yang sama menunjukkan aktiviti promosi kesihatan tidak direkodkan.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Disebabkan penduduk di lokasi-lokasi yang dilawati tidak datang serentak, maka sesi ceramah promosi kesihatan tidak dapat dilakukan seperti biasa. Tambahan pula, keadaan yang riuh rendah membuatkan kaedah tersebut tidak berkesan. Di dalam kes tertentu seperti wabak penyakit, ceramah umum dilakukan sebelum aktiviti saringan dan rawatan dilakukan. Bagaimanapun aktiviti promosi kesihatan masih merupakan salah satu aktiviti yang dijalankan semasa perkhidmatan doktor udara. Ia dijalankan dalam bentuk "one-to-one patient education" semasa sesi berjumpa pesakit dilakukan oleh anggota yang bertugas. Pendekatan ini lebih berkesan kerana ia melibatkan kes secara individu dan maklumat yang disalurkan lebih tepat dan senang difahami. Bagi menambah baik perkara ini, Kementerian telah mendokumentasikan aktiviti promosi kesihatan yang dijalankan serta merekodkannya supaya penilaian dapat dibuat.

Pada pendapat Audit, aspek promosi kesihatan perlu diberi perhatian oleh pihak JKNS kerana ia merupakan asas yang penting dan perlu diketahui dan difahami oleh penduduk pedalaman untuk menjaga kesihatan mereka dan menghindar daripada penyakit berjangkit.

43.5.2. Pengurusan Program PDU

43.5.2.1. Tiada Pengkhususan Pegawai Perubatan Untuk Pasukan PDU

Bab 10, Panduan Pengurusan Klinik Kesihatan menetapkan ahli pasukan PDU hendaklah dianggotai oleh seorang pegawai perubatan, seorang penolong pegawai perubatan dan 2 jururawat masyarakat. Semakan Audit mendapati 3 zon diliputi oleh pasukan PDU pada setiap bulan iaitu Kuching, Sibu dan Miri. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada pegawai perubatan yang dikhususkan untuk pasukan PDU, sebaliknya pegawai perubatan yang dipilih mempunyai tugas hakiki di hospital atau klinik kesihatan. Oleh itu, pegawai perubatan hanya dapat menyertai 262 hari lawatan (14.6%)

daripada 1,794 hari lawatan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011. Untuk mengatasi masalah ini, pihak JKNS menggantikan pegawai perubatan dengan penolong pegawai perubatan. Butiran lanjut mengenai hari lawatan yang disertai oleh pegawai perubatan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 43.4
HARI LAWATAN YANG DISERTAI OLEH PEGAWAI PERUBATAN

TAHUN	JUMLAH HARI LAWATAN SETAHUN			LAWATAN YANG DISERTAI OLEH PEGAWAI PERUBATAN	
	KUCHING	SIBU	MIRI	JUMLAH HARI	(%)
2008	101	150	154	96	23.7
2009	75	108	107	8	2.8
2010	163	167	225	35	6.3
2011	181	154	209	123	22.6
JUMLAH	**1,794**			**262**	**14.6**

Sumber: ***Rekod JKNS***

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Sehingga kini tiada pegawai perubatan khusus (dedicated Medical Officer) untuk melaksanakan program ini. Perkara seumpama ini tidak dapat dielakkan kerana pihak kementerian menghadapi kekurangan pegawai perubatan di bawah Program Kesihatan Awam di Negeri Sarawak. Setakat bulan Februari 2012, peratus pengisian jawatan pegawai perubatan di dalam Program Kesihatan Awam hanya 37.6%. Jika dilihat kepada jadual yang disediakan, didapati pada tahun 2009, hanya 8 hari sahaja dilawati oleh pegawai perubatan. Dengan langkah yang telah diambil seperti bekerjasama dengan klinik-klinik kesihatan, bilangan hari lawatan yang disertai oleh pegawai perubatan telah meningkat dari 35 hari pada tahun 2010 kepada 123 hari pada tahun 2011. Sebagai langkah penambahbaikan, Kementerian juga akan melaksanakan perkara seperti berikut:

i. ***Bagi mempertingkatkan lagi peratusan liputan oleh pegawai perubatan, satu surat arahan telah dikeluarkan kepada semua Pegawai Kesihatan Bahagian melalui surat bertarikh 26 Mac 2012 supaya bekerjasama dengan pihak hospital untuk memastikan setiap penerbangan disertai oleh seorang Pegawai Perubatan; dan***
ii. ***Cadangan untuk menempatkan seorang pegawai perubatan sebagai Pegawai Perubatan PDU di 3 main based stations iaitu Kuching, Sibu dan Miri yang diharap dapat dilaksanakan selewat-lewatnya pada penghujung tahun 2012.***

Pada pendapat Audit, Kementerian dan JKNS perlu memastikan setiap pasukan PDU dianggotai oleh seorang pegawai perubatan supaya pesakit/penduduk pedalaman dapat menikmati standard rawatan dan kepakaran yang setaraf dengan pesakit/penduduk di bandar. Selain itu, cadangan untuk menempatkan pegawai perubatan secara tetap dalam program PDU perlu dilaksanakan dengan segera.

43.5.2.2. Pengurusan Keselamatan Program PDU Kurang Memuaskan

Pengurusan keselamatan program PDU perlu dinyatakan secara spesifik dalam kontrak perjanjian di antara kerajaan dengan kontraktor dan juga Bab 10, Panduan Pengurusan Klinik Kesihatan untuk memastikan keselamatan anggota pasukan PDU sentiasa terjamin. Semakan Audit terhadap dokumen kontrak dan Panduan Pengurusan Klinik Kesihatan mendapati perkara mengenai keselamatan tidak dinyatakan langsung.

Semakan Audit selanjutnya mendapati latihan keselamatan dari aspek pendaratan kecemasan juga tidak pernah dijalankan. Temu bual dengan anggota pasukan PDU mengenai kebolehan mereka menggunakan alat komunikasi yang dibekalkan dalam helikopter mendapati mereka tiada pengetahuan untuk menggunakan alat tersebut. Bagaimanapun, didapati satu taklimat mengenai *General Safety Guidelines On Ground During MEDEVAC* telah dikendalikan oleh Layang-Layang Aerospace Sdn. Bhd. di Hospital Sibu pada 12 Julai 2010. Manakala bagi pasukan PDU, penerangan mengenai penggunaan alat keselamatan seperti tali pinggang keselamatan dan *ear protectors* dalam helikopter diberi oleh juruterbang sebelum setiap penerbangan. Semakan Audit juga mendapati Layang-Layang Aerospace Sdn. Bhd. telah membeli polisi insurans nyawa bagi melindungi 4 orang penumpang untuk setiap helikopter yang digunakan oleh program PDU. Insurans tersebut dibeli dari Chartis Malaysia Insurance Berhad dan tempoh perlindungan adalah mulai dari 27 Jun 2011 hingga 26 Jun 2012.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Memang tidak terdapat klausa tentang keselamatan di dalam dokumen kontrak. Selain itu, taklimat sebelum setiap penerbangan tidak dibuat memandangkan pasukan PDU mempunyai ahli pasukan yang tetap. Bagaimanapun, juruterbang yang terlibat akan memastikan setiap pesawat berada dalam keadaan yang baik serta cuaca mengizinkan sebelum berlepas. Perkara ini dapat dilihat kepada pembatalan yang dibuat disebabkan oleh faktor cuaca buruk serta tempat pendaratan yang tidak sesuai. Kementerian juga telah menyediakan Garis Panduan Pengurusan PDU yang mana turut menggariskan aspek keselamatan yang mesti diberi perhatian dalam operasi harian. Ini adalah untuk memastikan setiap ahli pasukan yang menyertai setiap penerbangan sedia maklum dengan tatacara perkhidmatan serta perkara yang berkaitan dengan keselamatan sebelum, semasa dan selepas setiap penerbangan. Kementerian juga akan memastikan klausa tentang keselamatan dimasukkan dalam kontrak yang akan datang.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan aspek keselamatan dimasukkan dalam kontrak pelaksanaan program PDU yang baru sebaik sahaja kontrak sedia ada tamat pada tahun 2013. Di samping itu, latihan keselamatan termasuk penggunaan peralatan komunikasi yang dibekalkan dalam helikopter juga perlu diberi kepada pasukan PDU.

43.5.2.3. Keadaan *Landing Pad* Yang Kurang Selamat/Kurang Sesuai

Landing pad yang selamat dan sesuai adalah penting untuk memastikan program PDU dapat dijalankan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Temu bual dengan juruterbang helikopter semasa lawatan Audit pada bulan November 2011 mendapati 7 *landing pad* yang kurang selamat dan kurang sesuai untuk pendaratan dan pelepasan helikopter. Perkara ini berlaku disebabkan terdapat pokok tinggi yang berada terlalu dekat dengan *landing pad*, rumput terlalu tinggi dan tanah yang agak becak. *Landing pad* yang tidak sesuai boleh menimbulkan risiko berlakunya kemalangan dan juruterbang terpaksa membuat keputusan untuk tidak mendarat di lokasi berkenaan. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011, terdapat 69 kali di mana juruterbang tidak dapat mendaratkan helikopter disebabkan *landing pad* yang kurang sesuai dan kurang selamat. Pokok tinggi yang berada terlalu dekat dengan *landing pad* adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 43.1

Kampung Long Mendamot, Miri, Sarawak
- Pokok Tinggi Yang Berada Terlalu Dekat Dengan Landing Pad
(11.11.2011)

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Adalah menjadi salah satu syarat yang perlu dipenuhi oleh penduduk setempat untuk memastikan landing pad disenggarakan agar berada dalam keadaan yang selamat untuk pendaratan helikopter sebelum Kementerian bersetuju untuk memberikan perkhidmatan PDU. Buat masa ini, Kementerian tidak mampu untuk membina landing pad di beratus-ratus buah lokasi di negeri Sarawak. Bagaimanapun, Kementerian melalui JKNS telah meminta Pejabat Kesihatan Bahagian untuk mengadakan perbincangan/dialog bersama penduduk yang bakal menerima perkhidmatan PDU agar membantu untuk menyenggarakan kawasan landing pad. Perkara ini akan dimasukkan ke dalam kontrak baru supaya syarikat yang berjaya bertanggungjawab menyenggarakan landing pad tersebut untuk memastikan pendaratan yang selamat.

Pada pendapat Audit, *landing pad* yang selamat dan sesuai hendaklah disediakan bagi memastikan helikopter program PDU dapat mendarat dan berlepas dengan selamat. Ini bagi memastikan objektif program iaitu untuk memberi perkhidmatan kesihatan asas kepada pesakit dan penduduk di pedalaman Sarawak dapat dicapai.

43.5.2.4. Kemudahan Tempat Pemeriksaan Dan Rawatan Pesakit Kurang Sesuai

Kemudahan tempat memeriksa dan merawat pesakit hendaklah disediakan dalam keadaan sesuai dan selesa. Semakan Audit mendapati kemudahan yang disediakan untuk memeriksa dan merawat pesakit kurang sesuai dan menyebabkan ketidakselesaan kepada pasukan PDU/pesakit seperti di **Gambar 43.2** hingga **43.4**. Kementerian tidak menyediakan tempat yang khusus untuk memeriksa dan merawat pesakit. Lazimnya tempat yang digunakan untuk memeriksa dan merawat pesakit adalah rumah individu, balai raya, gereja dan ruai rumah panjang. Oleh itu, pasukan PDU dan pesakit berada dalam keadaan tidak selesa semasa pemeriksaan dan rawatan dijalankan. Di samping itu, pemeriksaan kesihatan dalam keadaan privasi tidak dapat disediakan untuk pesakit wanita.

GAMBAR 43.2



Kampung Long Liwok, Miri, Sarawak
- Tempat Menunggu Yang Kurang Selesa
(11.11.2011)

GAMBAR 43.3



Kampung Ba Purau, Miri, Sarawak
- Tempat Merawat Pesakit Yang Kurang Selesa
(24.10.2011)



GAMBAR 43.4

Kampung Ba Lamam, Miri, Sarawak
- Tempat Merawat Pesakit Yang Terbuka
(20.1.2010)

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 1 Jun 2012

Semua kawasan yang dilawati merupakan kawasan pedalaman di mana hampir kesemua prasarana di situ berada dalam keadaan yang kurang memuaskan. Bagaimanapun, perbincangan akan diadakan dengan penduduk setempat supaya tempat pemeriksaan yang lebih selesa disediakan pada masa hadapan.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu menyediakan kemudahan tempat merawat pesakit yang sesuai dan selesa agar pasukan PDU dapat menjalankan pemeriksaan dan memberi rawatan yang sempurna. Pesakit juga dapat menerima rawatan dalam keadaan yang selesa.

43.6. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi pengurusan program PDU di negeri Sarawak dan mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan supaya pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) dan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKNS) melaksanakan perkara seperti berikut:

43.6.1. JKNS hendaklah memastikan jadual lawatan PDU yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya oleh pihak kontraktor terutama sekali jadual lawatan yang dibatalkan oleh sebab masalah mekanikal supaya pesakit/penduduk pedalaman negeri Sarawak dapat menikmati perkhidmatan kesihatan asas yang telah dirancang.

43.6.2. Aspek promosi kesihatan perlu diberi perhatian oleh pihak JKNS kerana ianya merupakan asas yang penting dan perlu diketahui dan difahami oleh penduduk pedalaman untuk menjaga kesihatan mereka dan menghindar daripada penyakit berjangkit.

43.6.3. Kementerian dan JKNS perlu memastikan setiap pasukan PDU dianggotai oleh seorang pegawai perubatan supaya pesakit/penduduk pedalaman dapat menikmati standard rawatan dan kepakaran yang setaraf dengan pesakit/penduduk di bandar. Kementerian dan JKNS juga perlu membuat semakan perjawatan mengenai keperluan untuk menempatkan jawatan pegawai perubatan secara tetap dalam program PDU.

43.6.4. Kementerian perlu memastikan aspek keselamatan dimasukkan dalam kontrak pelaksanaan program PDU yang baru sebaik sahaja kontrak sedia ada tamat pada tahun 2013. Di samping itu, latihan keselamatan termasuk penggunaan peralatan komunikasi yang dibekalkan dalam helikopter juga perlu diberi kepada pasukan PDU.

43.6.5. *Landing pad* yang selamat dan sesuai hendaklah disediakan bagi memastikan helikopter program PDU dapat mendarat dan berlepas dengan selamat. Ini bagi memastikan objektif program iaitu untuk memberi perkhidmatan kesihatan asas kepada pesakit dan penduduk di pedalaman negeri Sarawak dapat dicapai.

43.6.6. Kementerian perlu menyediakan kemudahan tempat merawat pesakit yang sesuai dan selesa agar pasukan PDU dapat menjalankan pemeriksaan dan memberi rawatan yang sempurna. Pesakit juga dapat menerima rawatan dalam keadaan yang selesa.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 351-357
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

44. PENGURUSAN PEMBINAAN DAN PEROLEHAN PERALATAN PEMBELAJARAN PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC)

44.1. LATAR BELAKANG

44.1.1. Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) ditubuhkan di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Kementerian Sumber Manusia (Kementerian) dengan menyediakan latihan vokasional di peringkat Diploma Kemahiran Malaysia Tahap 4 dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia Tahap 5. Objektif ADTEC antaranya ialah untuk melahirkan tenaga kerja terlatih bersesuaian dengan pengetahuan dan kemahiran serta penumpuan terhadap teknologi industri semasa; memastikan tenaga kerja berkualiti dan bersesuaian dengan permintaan industri serta mewujudkan lebih banyak program latihan/kursus dalam bidang pengurusan dan kemahiran kepada penyelia dan pekerja mahir daripada sektor industri. Setakat tahun 2011, Kementerian telah membina 8 ADTEC di seluruh Malaysia termasuk 4 yang baru siap dibina pada tahun 2009 hingga 2011 iaitu ADTEC Taiping, Kemaman, Bintulu dan Jerantut. Sejumlah 2,960 orang pelatih dijangka mendaftar di 4 ADTEC berkenaan bagi mengikuti kursus di pelbagai bidang kemahiran seperti Mekanikal Dan Pengeluaran; Elektrikal Dan Elektronik; Sivil Dan Bangunan; Percetakan; Bukan Logam serta Teknologi Maklumat. Pihak yang terlibat dalam pembinaan 4 ADTEC ini adalah seperti berikut:

a. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri - bertanggungjawab menyemak dan meluluskan permohonan projek pembinaan ADTEC bersama peralatannya.

b. Bahagian Pembangunan, Kementerian Sumber Manusia - bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembinaan ADTEC Kemaman dan Bintulu dari aspek pengurusan, penyeliaan, pelaksanaan dan pemantauan projek. Urusan pelantikan kontraktor dan perunding dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan secara rundingan terus.

c. Unit Pengurusan Projek, Jabatan Kerja Raya (JKR) - bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembinaan ADTEC Taiping dan Jerantut dari aspek pengurusan, penyeliaan, pelaksanaan dan pemantauan projek.

44.1.2. Kementerian Kewangan telah melantik kontraktor bagi projek pembinaan ADTEC Taiping, Kemaman dan Bintulu melalui kaedah rundingan terus. Manakala perolehan ADTEC Jerantut diuruskan oleh JKR melalui kaedah tender terhad. Kementerian Kewangan juga telah melantik perunding bagi ADTEC Kemaman dengan kos RM12.60 juta dan ADTEC Bintulu dengan kos RM14.30 juta. Skop kerja di bawah kontrak pembinaan ADTEC hanya meliputi pembinaan bangunan (blok pentadbiran, blok bengkel, asrama, kuarters, surau dan dewan kuliah) serta pembekalan peralatan pejabat dan kuarters (meja, kerusi, almari dan katil). Manakala perolehan peralatan bagi tujuan pembelajaran tidak termasuk dalam skop kerja pembinaan ADTEC. Bagi perolehan peralatan pembelajaran, sejumlah RM228 juta telah diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan dan perolehan dibuat secara rundingan terus. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 44.1
MAKLUMAT PEMBINAAN DAN PEROLEHAN PERALATAN PEMBELAJARAN ADTEC

ADTEC	TAIPING	KEMAMAN	BINTULU	JERANTUT
PEMBINAAN				
Tarikh Mula	16.05.2007	31.01.2008	02.01.2008	24.10.2007
Tarikh Siap Asal	13.05.2009	30.01.2010	01.10.2010	28.02.2009
Tarikh Siap Sebenar	13.08.2009	30.08.2010	30.12.2010	28.12.2011
Peruntukan	Pembangunan	PFI	PFI	PFI
Kos Kontrak	RM160 juta	RM120 juta	RM165 juta	RM95.30 juta
Kaedah Penyeliaan	JKR	Perunding (Kos RM12.6 juta)	Perunding (Kos RM14.30 juta)	JKR
Kaedah Perolehan	Rundingan Terus	Rundingan Terus	Rundingan Terus	Tender Terhad
Pegawai Penguasa	Ketua Pengarah Kerja Raya	Ketua Setiausaha KSM	Ketua Setiausaha KSM	Ketua Pengarah Kerja Raya
Kontraktor	Kamalbina Sdn. Bhd.	Firefly Chalet Sdn. Bhd.	Zelleco Infrastructure Sdn. Bhd.	SM Pelangi Sdn. Bhd.
Perunding - Arkitek	JKR	F.I. Arkiteks Sdn. Bhd.	Jurubina Unireka	JKR
Perunding - Awam & Struktur		Mesh Engineers Sdn. Bhd.	Jurutera Perunding Wahba Sdn. Bhd.	
Perunding - Mekanikal & Elektrik		JMJP Consult Sdn. Bhd.	Perunding CHL Sdn. Bhd.	
Perunding - Ukur Bahan		W&K Perunding Ukur Bahan	Perunding SHS	
PEROLEHAN PERALATAN PEMBELAJARAN				
Peruntukan	RM100 Juta	RM20 Juta	RM20 Juta	RM88 Juta
Kaedah Perolehan	Rundingan Terus	Rundingan Terus	Rundingan Terus	Rundingan Terus

Nota: ***PFI - Private Finance Initiative***

44.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan pembinaan dan perolehan peralatan di ADTEC Bintulu, Jerantut, Kemaman dan Taiping telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

44.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Pengurusan Pembinaan Dan Perolehan Peralatan Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Bintulu, Jerantut, Kemaman dan Taiping di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 oleh JTM dan Kementerian.

44.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Semakan telah dibuat terhadap rekod, fail dan dokumen berkaitan di peringkat Kementerian, Cawangan Kerja Bangunan Am JKR dan Jabatan Tenaga Manusia. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat, pihak kontraktor dan perunding serta lawatan ke lokasi projek juga telah diadakan.

44.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Oktober 2011 terhadap pengurusan pembinaan dan perolehan peralatan ADTEC mendapati secara amnya prestasi pembinaan 4 ADTEC iaitu Taiping, Kemaman, Bintulu dan Jerantut adalah memuaskan kerana projek telah dapat disiapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang boleh menjejaskan objektif pembinaannya seperti berikut:

i. empat ADTEC ini tidak dapat disiapkan dalam tempoh kontrak asal dan telah diluluskan antara satu hingga 6 lanjutan masa melibatkan tempoh antara 90 hingga 706 hari. ADTEC Jerantut mengalami kelewatan yang paling lama iaitu sehingga 706 hari (23 bulan).

ii. prestasi perolehan peralatan pembelajaran adalah kurang memuaskan kerana kelewatan melaksanakan proses rundingan harga mengakibatkan peralatan pembelajaran tidak dapat dibekalkan sebaik sahaja bangunan disiapkan pada bulan Ogos 2009 (ADTEC Taiping); bulan Ogos 2010 (ADTEC Kemaman) dan bulan Disember 2010 (ADTEC Bintulu); dan

iii. terdapat kerja yang tidak mematuhi spesifikasi/tidak berkualiti/tidak sesuai. Namun begitu, Kementerian telah memberikan komitmen untuk memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan di mana tindakan segera telah diambil terhadap beberapa kelemahan/ kecacatan kerja yang dilaporkan.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang diperhatikan serta ulasan Kementerian Sumber Manusia/JKR adalah seperti di perenggan berikut:

44.5.1. Prestasi Projek Pembinaan ADTEC

44.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

a. Mengikut syarat kontrak, tempoh pembinaan ADTEC Taiping, Kemaman, Bintulu dan Jerantut adalah antara 24 hingga 33 bulan daripada tarikh milik tapak bina. Bagaimanapun sehingga tarikh akhir projek ini patut disiapkan, keempat-empat ADTEC berkenaan tidak dapat disiapkan dan telah diluluskan antara satu hingga 6 lanjutan masa [Extension of Time (EOT)] melibatkan tempoh antara 90 hingga 706 hari. Berbanding 3 ADTEC yang lain, ADTEC Jerantut didapati mengalami tempoh kelewatan yang paling lama iaitu sehingga 23 bulan daripada tarikh penyiapan asal dan telah diluluskan 6 lanjutan masa selama 706 hari. Namun sehingga akhir tempoh lanjutan masa ke-6, projek ini masih belum disiapkan dan JKR telah mengenakan denda *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) sejumlah RM864,057 bagi tempoh 49 hari bermula pada 31 Ogos 2011 dan RM817,685 bagi tempoh 71 hari berikutnya sehingga projek disiapkan pada 28 Disember 2011. Keseluruhan LAD yang dikenakan berjumlah RM1.68 juta dan pembayarannya telah dibuat melalui potongan bayaran kemajuan. Manakala ADTEC Taiping, Kemaman dan Bintulu telah dapat disiapkan pada akhir tempoh lanjutan masa yang diluluskan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 44.2
PRESTASI FIZIKAL PROJEK

PROJEK PEMBINAAN ADTEC	TEMPOH KONTRAK	LANJUTAN MASA DILULUSKAN		TARIKH SIAP DITETAPKAN SELEPAS EOT	TARIKH SIAP SEBENAR	LAD YANG DIKENAKAN (RM Juta)
		BIL.	HARI			
Taiping	16.05.2007 hingga 13.05.2009	1	90	13.08.2009	13.08.2009	-
JUMLAH		**1**	**90**			
Kemaman	31.01.2008 hingga 30.01.2010	1	108	18.05.2010	30.08.2010	-
		2	104	30.08.2010		
JUMLAH		**2**	**212**			
Bintulu	02.01.2008 hingga 01.10.2010	1	90	30.12.2010	30.12.2010	-
JUMLAH		**1**	**90**			
Jerantut	24.10.2007 hingga 28.02.2009	1	92	23.12.2009	28.12.2011	1.68
		2	90	24.03.2010		
		3	145	16.08.2010		
		4	63	18.10.2010		
		5	159	26.03.2011		
		6	157	30.08.2011		
JUMLAH		**6**	**706**			

b. Antara sebab lanjutan masa diluluskan oleh Kementerian (bagi ADTEC Bintulu dan Kemaman)/JKR (bagi ADTEC Taiping dan Jerantut) ialah perubahan perancangan pembinaan akibat kesukaran mendapatkan bahan binaan yang berpunca daripada kenaikan harga bahan api yang mendadak pada tahun 2009. Selain itu, didapati 5 lanjutan masa yang diluluskan di ADTEC Jerantut juga disebabkan oleh perkara seperti berikut:

i. TNB mengemukakan keperluan tambahan kepada JKR bagi menyediakan Pencawang Pembahagian Utama (PPU) sebagai sokongan kepada Stesen Suis Utama (SSU) supaya dapat menampung keperluan pembekalan elektrik kepada penduduk setempat pada masa akan datang.

ii. Perubahan susun atur ruang bengkel komputer dan penambahan nod ICT di Bengkel Teknologi Pembuatan.

iii. Perubahan peparit untuk tujuan penyenggaraan dan tambahan saiz peparit untuk tapak *feeder pillar* atas keperluan TNB.

iv. Kelewatan melantik kontraktor oleh pihak TNB bagi kerja-kerja penanaman kabel untuk penyediaan bekalan elektrik ke tapak ini.

c. Semakan Audit selanjutnya terhadap pengurusan EOT mendapati secara amnya segala peraturan berkaitan telah dipatuhi kecuali bagi ADTEC Jerantut di mana JKR telah meluluskan lanjutan masa ke-6 selama 157 hari selepas Sijil Kerja Tidak Siap dikeluarkan. Adalah didapati JKR telah mengeluarkan Sijil Kerja Tidak Siap pada 25 Mac 2011 iaitu selepas berakhirnya tempoh lanjutan masa ke-5 dan mengenakan LAD mulai tarikh tersebut. Bagaimanapun pada 10 Oktober 2011, JKR telah meluluskan lanjutan masa ke-6 selama 157 hari iaitu sehingga 30 Ogos 2011. Seterusnya pada 27 Oktober 2011, JKR telah mengeluarkan Sijil Kerja Tidak Siap yang baru dan LAD dikenakan mulai 31 Ogos 2011 iaitu setelah mengambil kira kelulusan lanjutan masa yang ke-6.

44.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

a. Peruntukan bagi pembinaan ADTEC diperoleh melalui 2 sumber kewangan. Pembinaan ADTEC Kemaman, Jerantut dan Bintulu menggunakan pembiayaan *Private Finance Initiative* (PFI) berjumlah RM380.30 juta manakala pembinaan ADTEC Taiping menggunakan peruntukan pembangunan Kementerian berjumlah RM160 juta. Harga kontrak yang telah dipinda ialah RM559.82 juta dan setakat 31 Disember 2011, sejumlah RM539.80 juta (96.4%) telah dibelanjakan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 44.3
PRESTASI PERBELANJAAN SETAKAT 31 DISEMBER 2011

PROJEK PEMBINAAN ADTEC	NILAI KONTRAK		PERBELANJAAN	
	ASAL (RM Juta)	DIPINDA* (RM Juta)	RM Juta	%
Taiping	160	160	156.27	97.7
Kemaman	120	135.52	133.69	98.6
Jerantut	95.3	97.40	90.31	92.7
Bintulu	165	166.90	159.53	95.6
JUMLAH	**540.30**	**559.82**	**539.80**	**96.4**

Nota: ***(*) - Nilai Kontrak Setelah Mengambil Kira Perubahan Harga Kontrak***

b. Mengikut syarat kontrak, Pegawai Penguasa menurut budi bicaranya boleh mengeluarkan arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja. Semakan Audit mendapati Kementerian/JKR telah meluluskan 16 Arahan Perubahan Kerja

(APK) iaitu 8 APK di ADTEC Kemaman, sebanyak 6 APK di ADTEC Bintulu dan 2 APK di ADTEC Jerantut. Namun begitu, kelulusan APK tersebut hanya mengakibatkan sedikit peningkatan kos iaitu antara 1.2% hingga 2.2% daripada kos asal kontrak. Secara amnya, kelulusan APK bagi 3 ADTEC berkenaan telah mematuhi peraturan yang ditetapkan dan selaras dengan syarat kontrak yang ditandatangani. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 44.4
ARAHAN PERUBAHAN KERJA YANG DILULUSKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2011

ADTEC	ARAHAN PERUBAHAN KERJA		NILAI KONTRAK ASAL (RM Juta)	NILAI KONTRAK DIPINDA SELEPAS APK (RM Juta)	PENINGKATAN KOS (%)
	BIL.	NILAI (RM Juta)			
Kemaman	8	1.74	120.00	121.74	1.4
Bintulu	6	1.90	165.00	166.90	1.2
Jerantut	2	2.08	95.32	97.40	2.2

Nota: ***APK - Arahan Perubahan Kerja***

Maklum Balas Kementerian Sumber Manusia Yang Diterima Pada 22 Mei 2012

Kelulusan APK adalah mengikut keperluan projek. Peningkatan kos bagi ADTEC Kemaman adalah disebabkan tambahan vertical blind di bangunan zon pentadbiran, zon akademik, zon kediaman pelajar dan zon kediaman kakitangan serta perubahan kerja pemasangan meter dan kabel TNB/telefon yang dikehendaki oleh TNB/TM. Manakala bagi ADTEC Bintulu, elemen yang menyumbang kepada tambahan kos ialah kerja penjagaan dan penanaman rumput pada cerun bagi keselamatan penghuni bangunan. Bagi ADTEC Jerantut pula, pertambahan kos diperlukan adalah untuk memenuhi kehendak TNB bagi pembinaan Bangunan Pencawang Pembahagian Utama (PPU) serta kelengkapannya dan penambahan 30 Nod ICT di Bengkel Teknologi Pembuatan untuk melengkapkan kemudahan ICT di bengkel tersebut.

Pada pendapat Audit, kecuali ADTEC Jerantut yang mengalami kelewatan sehingga 23 bulan, prestasi pembinaan 3 ADTEC yang lain secara umumnya adalah memuaskan walaupun mengalami sedikit kelewatan (antara 3 hingga 7 bulan) dan peningkatan kos.

44.5.2. Prestasi Perolehan Peralatan Pembelajaran

44.5.2.1. Mengikut amalan Kementerian, proses perolehan peralatan pembelajaran akan dimulakan apabila kemajuan fizikal projek mencapai 80%. Semakan Audit mendapati Kementerian Kewangan telah melantik pembekal bagi membekalkan peralatan pembelajaran di 4 ADTEC tersebut secara rundingan terus pada tahun 2007 dan 2008. Namun demikian, rundingan harga bagi perolehan peralatan pembelajaran lewat dimulakan oleh Kementerian menyebabkan peralatan pembelajaran masih belum dibekalkan sehingga akhir tahun 2011 walaupun ADTEC Taiping telah disiapkan pada 13 Ogos 2009; Kemaman pada 30 Ogos 2010 dan Bintulu pada 30 Disember 2010. Bagi ADTEC Taiping, kelewatan tersebut menyebabkan peralatan pembelajaran tidak dapat diuji dengan bangunan memandangkan tempoh tanggungan kecacatan tamat pada 12 Ogos 2011. Rundingan harga bagi ADTEC Taiping yang dimulakan pada bulan September 2009 telah ditangguhkan mulai bulan Disember 2010 dan disambung semula pada bulan Jun 2011. Harga kontrak telah dimuktamadkan dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada bulan Ogos 2011 manakala Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 8 September 2011. Setakat bulan April 2012, peralatan pembelajaran

di ADTEC Taiping telah dalam peringkat pembekalan, manakala bagi ADTEC Kemaman, Jerantut dan Bintulu telah selesai peringkat Lembaga Perolehan Kementerian dan menunggu kelulusan daripada Perbendaharaan Malaysia. Status proses pembekalan peralatan pembelajaran di 4 ADTEC ini adalah seperti di **Jadual 44.5** manakala **Gambar 44.1** hingga **44.3** menunjukkan keadaan bengkel yang masih belum dilengkapi dengan peralatan pembelajaran semasa lawatan Audit.

JADUAL 44.5
STATUS PROSES PEMBEKALAN
PERALATAN PEMBELAJARAN SETAKAT 31 DISEMBER 2011

ADTEC	NAMA SYARIKAT	TARIKH LANTIKAN PEMBEKAL PERALATAN	TARIKH* PROJEK MENCAPAI 80%	TARIKH PROJEK SIAP	TARIKH RUNDINGAN HARGA DIMULAKAN	TEMPOH** KELEWATAN (Hari)	KEDUDUKAN TERKINI
Taiping	SMG Machinery Sdn. Bhd.	17.04.2007	16.05.2009	13.08.2009	14.09.2009***	121	Dalam peringkat pembekalan oleh pihak vendor.
					09.06.2011****	754	
Kemaman	Qrios Technology Sdn. Bhd.	04.01.2008	31.01.2010	30.08.2010	25.07.2011	540	Masih menunggu kelulusan daripada Perbendaharaan Malaysia.
Jerantut	Isolectra (M) Sdn. Bhd./ Pro-rata Traders Sdn. Bhd.	17.08.2007	30.05.2010	28.12.2011	23.08.2011	450	
Bintulu	Naim Cendera Sdn. Bhd	16.07.2007	15.04.2010	30.12.2010	15.08.2011***	487	
					12.01.2012****	637	

Nota: ***(*) Berdasarkan Laporan Kemajuan Kerja Bulanan/Minit Mesyuarat Tapak***

(**) Kelewatan Dikira Berdasarkan Tarikh Kemajuan Projek Mencapai 80% Hingga Tarikh Rundingan Harga Dimulakan

(***) Rundingan Harga Pada 14.09.2009 (ADTEC Taiping) dan 15.08.2011 (ADTEC Bintulu) Dibatalkan Dan Keputusannya Tidak Diambil Kira Kerana Harga Tidak Lagi Relevan Dengan Harga Semasa Di Pasaran (ADTEC Taiping)/Pertukaran Nama Pembekal Kepada Naim Engineering Sdn. Bhd. (ADTEC Bintulu)

(****) Rundingan Harga Disambung Semula

GAMBAR 44.1



ADTEC Taiping, Perak
- Bengkel Kosong Yang Masih Belum Dilengkapi Dengan Peralatan Pembelajaran (15.06.2011)

GAMBAR 44.2



ADTEC Kemaman, Terengganu
- Bengkel Kosong Yang Masih Belum Dilengkapi Dengan Peralatan Pembelajaran (12.07.2011)



GAMBAR 44.3

ADTEC Bintulu, Sarawak
- Bengkel Kosong Yang Masih Belum Dilengkapi Dengan Peralatan Pembelajaran (28.06.2011)

44.5.2.2. Semakan Audit mendapati antara faktor rundingan harga lewat dimulakan adalah seperti berikut:

a. Kementerian dalam satu mesyuarat pada bulan November 2009 telah memutuskan supaya proses rundingan harga ditangguhkan sementara kerana mahu mengkaji kaedah dan mekanisme yang lebih telus dan berakauntabiliti serta *best value for money* dalam proses perolehan peralatan. Keputusan ini diambil lanjutan daripada teguran Audit dan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap pegawai Kementerian yang terlibat dalam perolehan peralatan pembelajaran secara rundingan terus pada tahun 2006. Antara perkara penting yang dibincangkan/disyorkan adalah keperluan untuk JTM mewujudkan pangkalan data kajian pasaran yang menyimpan maklumat lengkap spesifikasi dan harga peralatan JTM.

b. Mesyuarat Perolehan Peralatan pada bulan Januari 2010 pula telah membincangkan perkara seperti berikut:

   i. Keperluan untuk JTM mengkaji dan mengenal pasti kemahiran baru yang boleh dilaksanakan di institut-institut baru selaras dengan strategi RMKe-10, Model Ekonomi Baru dan *High Income Model.* JTM dan Jabatan Pembangunan Kemahiran telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan pada akhirnya mencadangkan supaya beberapa bidang kursus asal dikekalkan atas justifikasi tertentu. Antara justifikasi utama ialah kursus masih sesuai dengan kehendak industri semasa serta dijangka tidak menghadapi masalah pasaran kerja.

   ii. Keperluan melantik juruaudit bebas (konsultan) untuk mengaudit senarai harga peralatan yang dikemukakan oleh syarikat pembekal terpilih bagi memastikan harga tawaran yang munasabah berbanding harga pasaran.

c. Mesyuarat Rundingan Harga Peralatan ADTEC Taiping Bil. 5/2010 telah memutuskan supaya Kementerian menilai semula harga peralatan mengikut harga pasaran semasa. Ini kerana harga yang dirundingkan sekarang mempunyai jurang perbezaan yang besar memandangkan harga asas yang digunakan untuk merundingkan harga adalah berdasarkan harga tahun 2008-2009. Ahli mesyuarat menyatakan bahawa mereka memerlukan masa untuk melakukan kajian semula harga pasaran kerana item-item peralatan tersebut sudah tidak lagi relevan dari segi harga dan spesifikasi. Lanjutan daripada keputusan tersebut, satu bengkel untuk mengkaji harga dan spesifikasi peralatan melalui kaedah *Value Management* telah diadakan pada 21 hingga 26 Mac 2011. Seterusnya, dokumen spesifikasi yang telah disemak semula dikemukakan kepada syarikat pembekal peralatan ADTEC Taiping pada 4 April 2011 bagi membolehkan syarikat ini melakukan tawaran harga dan tawaran teknikal yang baru kepada Kementerian.

44.5.2.3. Pihak Audit mendapati Ketua Setiausaha Kementerian yang baru dilantik pada awal tahun 2011 telah mengambil langkah proaktif untuk mempercepatkan proses rundingan harga bagi 4 ADTEC ini yang telah tertangguh sekian lama. Antara langkah yang diambil ialah memindahkan proses rundingan harga yang diuruskan di peringkat Kementerian kepada Jabatan Tenaga Manusia pada 10 Mei 2011 dan melantik ahli Jawatankuasa Rundingan Harga yang baru yang terdiri daripada ahli tetap dan ahli jemputan (Jawatankuasa Teknikal).

Pada pendapat Audit, Kementerian telah mengambil langkah yang positif untuk memastikan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang dilakukan dalam urusan perolehan peralatan pembelajaran. Namun begitu, kelewatan memuktamadkan rundingan harga bagi perolehan yang telah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan sejak tahun 2007 menyebabkan ADTEC yang telah siap dibina tidak dapat memulakan sesi pembelajaran dengan segera. Selain itu, ia juga menyebabkan peruntukan bagi tujuan tersebut tidak dapat digunakan semaksimumnya.

44.5.3. Pentadbiran Kontrak

Syarat am kontrak perlu dipatuhi bagi memelihara kepentingan Kerajaan sekiranya berlaku sebarang pelanggaran atau ketidakpatuhan terhadap syarat yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

44.5.3.1. Kontrak Lewat Ditandatangani

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. Adalah didapati kontrak pembinaan ADTEC Taiping, Jerantut dan Bintulu lewat ditandatangani antara 109 hingga 212 hari daripada tarikh yang sepatutnya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 44.6
KELEWATAN MENANDATANGANI KONTRAK

PROJEK PEMBINAAN	TARIKH TANDATANGAN SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH AKHIR KONTRAK SEPATUTNYA DITANDATANGANI	TARIKH SEBENAR KONTRAK DITANDATANGANI	KELEWATAN (Hari)
ADTEC Taiping	23.04.2007	22.08.2007	09.01.2008	109
ADTEC Jerantut	22.10.2007	21.04.2008	19.11.2008	212
ADTEC Bintulu	18.12.2007	17.04.2008	18.09.2008	154

Maklum Balas Kementerian Sumber Manusia Yang Diterima Pada 22 Mei 2012

Kelewatan menandatangani kontrak adalah disebabkan perkara berikut:

a. ***Pihak Konsultan Ukur Bahan perlu mengambil masa yang berpatutan memandangkan beban kerja yang perlu dijalankan semasa penyediaan dokumen kontrak.***
b. ***Dokumen tawaran pihak kontraktor yang diterima tidak lengkap/tidak memenuhi kehendak Kerajaan dan memerlukan tindakan pembetulan.***
c. ***Bagi perolehan secara rundingan terus, sebelum dokumen kontrak dapat ditandatangani, pihak kontraktor dan perunding dikehendaki memenuhi semua kehendak Kerajaan yang dinyatakan di dalam dokumen tawaran. Ia bagi mengelakkan sebarang perselisihan di masa hadapan.***

44.5.3.2. Penyerahan *As-Built Drawing*

Mengikut syarat kontrak, *As-Built Drawing* hendaklah disediakan dalam tempoh 3 bulan selepas projek siap. Bagaimanapun *As-Built Drawing* bagi ADTEC Taiping, Kemaman dan Bintulu telah lewat disediakan antara 103 hingga 487 hari daripada tarikh yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 44.7
PENYEDIAAN *AS-BUILT DRAWING*

PROJEK PEMBINAAN ADTEC	TARIKH PROJEK SIAP	TARIKH SEPATUTNYA TERIMA *AS-BUILT DRAWING*	TARIKH TERIMA *AS-BUILT DRAWING*	KELEWATAN TERIMA *AS-BUILT DRAWING* (Hari)
Taiping	01.10.2009	31.01.2010	14.05.2010	103
Kemaman	16.10.2010	15.01.2011	21.05.2012	487
Bintulu	31.12.2010	30.03.2011	09.12.2011	254

Pada pendapat Audit, walaupun kelemahan dalam pentadbiran kontrak Kerajaan adalah perkara yang sering dibangkitkan berulang kali, namun Kementerian hendaklah mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor yang gagal mematuhi syarat kontrak bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

44.5.4. Pengurusan Pembinaan

44.5.4.1. Kerja Pembinaan Dan Pembekalan Peralatan Tidak Mematuhi Spesifikasi

Mengikut syarat kontrak, semua kerja/pembekalan perlu mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dan sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam spesifikasi, kelulusan daripada Pegawai Penguasa Projek perlu diperoleh terlebih dahulu. Lawatan Audit yang dijalankan pada bulan Julai dan Ogos 2011 di ADTEC Kemaman dan Jerantut mendapati sebahagian kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. Bagaimanapun, sebahagian kerja tersebut tidak dapat ditentukan nilainya kerana penetapan harga dibuat secara *lump-sum* mengikut jenis kerja. Butiran kerja terlibat berserta ulasan Kementerian/JKR adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 44.8
KERJA TIDAK MEMATUHI SPESIFIKASI

ADTEC	LOKASI	SPESIFIKASI	PEMERHATIAN SEMASA LAWATAN AUDIT	ULASAN KEMENTERIAN/JKR
Kemaman	Bengkel	• Kemasan lantai di ruang pejabat semua bengkel hendaklah dipasang dengan karpet. (Kos Kerja: RM219,000)	• Kemasan lantai di ruang pejabat bengkel dipasang dengan vinyl. **(Gambar 44.4** dan **44.5)**	Pemasangan mengikut kesesuaian dan praktikal serta tidak melibatkan perubahan harga kerana kadar harga karpet adalah menyamai kadar harga *vinyl flooring.*
		• Kemasan lantai di bilik server Bengkel Teknologi Penyelenggaraan Mekanikal daripada jenis jubin. (Kos Kerja: RM1,900)	• Kemasan lantai di bilik server Bengkel Teknologi Penyelenggaraan Mekanikal daripada jenis lepaan simen**.**	Pelarasan harga telah dibuat dalam PHK No. 3.
	Makmal Pelan Proses	Makmal perlu dilengkapi dengan punca bekalan air dan longkang perlu ditutupi dengan *grating*.	Makmal tidak dilengkapi dengan punca bekalan air dan longkang tidak ditutupi dengan *grating*. **(Gambar 44.6** dan **44.7)**	Tiada ulasan diterima daripada Kementerian/JKR.
	• Bengkel • Makmal Komputer dan Bilik AHU	• Semua bengkel perlu dilengkapi dengan alat pengesan haba. • Makmal komputer dan Bilik AHU perlu dilengkapi dengan alat CO2.	• Semua bengkel tidak dipasang dengan alat pengesan haba. • Semua makmal komputer dan bilik AHU tidak dipasang alat CO2.	Kementerian melalui perunding telah mengarahkan kontraktor mengambil tindakan pembetulan mengikut lukisan pembinaan dan spesifikasi. Surat arahan perunding kepada kontraktor telah dihantar sebanyak 2 kali iaitu pada 24 Mei 2011 dan 14 Disember 2011.
	Bengkel Teknologi Kimpalan	Kemasan lantai Makmal Komputer daripada jenis HT3.	Kemasan lantai makmal komputer daripada jenis lepaan simen.	Tiada ulasan diterima daripada Kementerian/JKR.
	Bengkel Teknologi Penyejukbekuan dan Penyaman Udara	• Kemasan lantai di Ruang Pameran Hasil Projek Pelajar daripada jenis HT2. • Kemasan lantai di bilik server daripada jenis HT3.	• Kemasan lantai di Ruang Pameran Hasil Projek Pelajar daripada jenis lepaan simen. • Kemasan lantai di bilik server daripada jenis lepaan simen.	Tiada ulasan diterima daripada Kementerian/JKR.
	Bengkel Teknologi Instrumentasi	• Kemasan lantai di makmal komputer daripada jenis HT1. • Kemasan lantai di Simulation Lab daripada jenis HDT.	• Kemasan lantai di makmal komputer daripada jenis *vinyl*. • Kemasan lantai di Simulation Lab daripada jenis *vinyl*.	Tiada ulasan diterima daripada Kementerian/JKR.

ADTEC	LOKASI	SPESIFIKASI	PEMERHATIAN SEMASA LAWATAN AUDIT	ULASAN KEMENTERIAN/JKR
Kemaman	Bengkel Teknologi Penyelenggaraan Mekanikal	• Kemasan lantai di bilik Bantuan Pengajar daripada jenis HT3. • Kemasan lantai di bilik server daripada jenis HT3.	• Kemasan lantai di bilik Bantuan Pengajar daripada jenis lepaan simen. • Kemasan lantai di bilik server daripada jenis lepaan simen. **(Gambar 44.8)**	Tiada ulasan diterima daripada Kementerian/JKR.
Jerantut	Bengkel	• Kemasan lantai di bilik AVA, Bengkel Teknologi Kimpalan daripada jenis jubin. • Kemasan lantai di bilik UPS, Bengkel Teknologi Komputer (Keselamatan) dari jenis jubin.	• Kemasan lantai di bilik AVA, Bengkel Teknologi Kimpalan daripada jenis lepaan simen. **(Gambar 44.10)** • Kemasan lantai di bilik UPS, Teknologi Komputer (Keselamatan) dari jenis lepaan simen. **(Gambar 44.12)**	Pihak kontraktor telah memasang jubin di bilik AVA dan bilik UPS berdasarkan keperluan dinyatakan dan diselesaikan pada 15 Januari 2012. **(Gambar 44.11** dan **44.13)**
	Kafeteria	*Ramp* hendaklah dibina di *loading bay* dewan makan. • (Harga dewan makan ditetapkan secara *lump-sum* berjumlah RM638,313)	• *Ramp* tidak dibina sepertimana ditetapkan dalam *construction drawing.* **(Gambar 44.14)**	*Ramp* telah dibina. **(Gambar 44.15)**
	Bengkel Teknologi Kimpalan	*Ramp* hendaklah dibina di 4 pintu di Bengkel Teknologi Kimpalan.	3 daripada 4 pintu tidak dilengkapi dengan *ramp* seperti *construction drawing.* **(Gambar 44.16** dan **44.17)**	3 daripada 4 pintu tersebut tidak dibina *ramp* tetapi dibina tangga berdasarkan kesesuaian lokasi dan keadaan tapak. **(Gambar 44.18)**

Nota: ***HT1 - Tiada Maklumat Rujukan*** ***HT2 - Tiada Maklumat Rujukan***
HT3 - 200 x 200 x 7.5mm Thk. Homo. Tiles (Matt) ***HDT - Tiada Maklumat Rujukan***

GAMBAR 44.4



ADTEC Kemaman, Terengganu
- Lantai Di Ruang Pejabat Bengkel Teknologi Penyenggaraan Mekanikal Dari Jenis Vinyl Walaupun Sepatutnya Dari Jenis Karpet
(12.07.2011)

GAMBAR 44.5



ADTEC Kemaman, Terengganu
- Lantai Di Bilik Ketua Jabatan Bengkel Teknologi Binaan Dari Jenis Vinyl Walaupun Sepatutnya Dari Jenis Karpet
(12.07.2011)

GAMBAR 44.6



ADTEC Kemaman, Terengganu
- Makmal Pelan Proses Tidak Dilengkapi Dengan Punca Bekalan Air Seperti Yang Sepatutnya Mengikut Construction Drawing
(12.07.2011)

GAMBAR 44.7



ADTEC Kemaman, Terengganu
- Longkang Makmal Pelan Proses Tidak Ditutupi Dengan Grating Seperti Yang Sepatutnya Mengikut Construction Drawing
(12.07.2011)

GAMBAR 44.8



ADTEC Kemaman, Terengganu
- Kemasan Lantai Di Bilik Server Bengkel Teknologi Penyenggaraan Mekanikal Dibina Dari Jenis Lepaan Simen Walaupun Di Dalam Construction Drawing Dari Jenis Jubin
(12.07.2011)

GAMBAR 44.9



ADTEC Kemaman, Terengganu
- Contoh Kemasan Lantai Di Bilik Server Bengkel Teknologi Binaan Yang Dipasang Dari Jenis Jubin
(12.07.2011)

GAMBAR 44.10



ADTEC Jerantut, Pahang
- Lantai Di Bilik AVA, Bengkel Teknologi Kimpalan Dipasang Dari Jenis Simen Walaupun Dalam Construction Drawing Sepatutnya Dari Jenis Jubin
(27.07.2011)

GAMBAR 44.11



ADTEC Jerantut, Pahang
- Kemasan Lantai Telah Dipasang Dengan Jenis Homogeneous Tiles Oleh Kontraktor Selepas Teguran Audit
(Sumber: Jabatan Kerja Raya - 04.05.2012)

GAMBAR 44.12



ADTEC Jerantut, Pahang
- Lantai Di Bilik UPS, Bengkel Teknologi Komputer (Keselamatan) Dipasang Dari Jenis Simen Walaupun Dalam Construction Drawing Sepatutnya Dari Jenis Jubin
(27.07.2011)

GAMBAR 44.13



ADTEC Jerantut, Pahang
- Kemasan Lantai Telah Dipasang Dengan Jenis Homogeneous Tiles Oleh Kontraktor Selepas Teguran Audit
(Sumber: Jabatan Kerja Raya - 04.05.2012)

GAMBAR 44.14




ADTEC Jerantut, Pahang
- Ramp Tidak Dibina Di Dewan Makan Seperti Yang Ditetapkan Dalam Construction Drawing
(26.07.2011)

GAMBAR 44.15



ADTEC Jerantut, Pahang
- Ramp Telah Dibina Di Dewan Makan Selepas Teguran Audit
(Sumber: Jabatan Kerja Raya - 04.05.2012)

GAMBAR 44.16



ADTEC Jerantut, Pahang
- Ramp Tidak Dibina Sepertimana Ditetapkan Dalam Construction Drawing Dan Digantikan Dengan Tangga Di Bengkel Teknologi Kimpalan
(27.07.2011)

GAMBAR 44.17



ADTEC Jerantut, Pahang
- Ramp Hanya Dibina Di Satu Lokasi Di Bengkel Teknologi Kimpalan Berbanding 4 Yang Ditetapkan Dalam Construction Drawing
(27.07.2011)



GAMBAR 44.18

ADTEC Jerantut, Pahang
- Ramp Yang Sepatutnya Dibina Telah Digantikan Dengan Tangga Mengikut Kesesuaian Lokasi Dan Keadaan Tapak
(Sumber : Jabatan Kerja Raya - 04.05.2012)

44.5.4.2. Kerja Tidak Berkualiti/Tidak Sempurna/Tidak Sesuai

Lawatan Audit ke 4 ADTEC berkenaan bagi melihat keadaan fizikal bangunan dan kemudahan yang dibina atau disediakan mendapati ada kerja pembinaan yang tidak berkualiti/tidak sesuai. Contohnya adalah seperti berikut:

a. Didapati ada kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor kurang berkualiti Bagaimanapun, sebahagian kerja tersebut tidak dapat ditentukan nilainya kerana penetapan harga dibuat secara *lump-sum* mengikut jenis kerja. Namun begitu, Kementerian/JKR telah mengambil tindakan pembaikan terhadap sebahagian besar kerosakan/kecacatan kerja yang dilaporkan oleh pihak Audit. Contoh kerja tidak berkualiti berserta ulasan Kementerian/JKR adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 44.9
KERJA TIDAK BERKUALITI

ADTEC	LOKASI	PEMERHATIAN SEMASA LAWATAN AUDIT	ULASAN KEMENTERIAN/JKR
Jerantut	Bengkel Teknologi Pembuatan	Permukaan lantai dari jenis *epoxy* yang tidak berkualiti. **(Gambar 44.19)**	Tiada ulasan diterima daripada Kementerian/JKR.
Bintulu	Bengkel Teknologi Penyejukbekuan Dan Penyaman Udara	Permukaan lantai dari jenis *epoxy* yang tidak berkualiti/tidak berkilat **(Gambar 44.20** dan **44.21)** berbanding di ADTEC Taiping yang berkualiti dan berkilat. **(Gambar 44.22** dan **44.23)**	Kontraktor telah memasang lantai jenis *epoxy* yang berkualiti. **(Gambar 44.24** dan **44.25)**
	Bengkel Teknologi Kimpalan	Wayar kabel tidak ditutup dengan sempurna. **(Gambar 44.26)**	Penutup kabel telah dipasang. **(Gambar 44.27)**
	Asrama Perempuan	Air bertakung memenuhi ruang koridor di asrama perempuan. **(Gambar 44.28)**	Masalah takungan air telah diatasi. **(Gambar 44.29)**
	Kawasan ADTEC	Air bertakung di laluan pejalan kaki berbumbung dan ruang terbuka (concourse). **(Gambar 44.30** dan **44.32)** (harga *lump sum* berdasarkan kerja *work below lowest floor finish* RM380,014)	Masalah takungan air telah diatasi. **(Gambar 44.31** dan **44.33)**
	Kuarters Kelas F Dan G	Perabot berharga RM349,839 yang dibekalkan berkulat. **(Gambar 44.34** dan **44.35)**	Perabot berkulat adalah disebabkan kelembapan dalam sesetengah kuarters yang belum diduduki yang sentiasa tertutup. Tindakan pembaikan telah dibuat. **(Gambar 44.36)**



GAMBAR 44.19

ADTEC Jerantut, Pahang
- Bengkel Teknologi Pembuatan Yang Dilengkapi Dengan Lantai Jenis Epoxy Kurang Berkualiti Kerana Tidak Berkilat Seperti Di ADTEC Taiping (27.07.2011)

GAMBAR 44.20



GAMBAR 44.21



ADTEC Bintulu, Sarawak
- Bengkel Teknologi Penyejukbekuan Dan Penyaman Udara Yang Dilengkapi Dengan Lantai Jenis Epoxy Kurang Berkualiti Kerana Tidak Berkilat Seperti Di ADTEC Taiping (28.06.2011)

GAMBAR 44.22



GAMBAR 44.23



ADTEC Taiping, Perak
- Contoh Lantai Jenis Epoxy Yang Berkualiti Di Bengkel Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan) Dan Mekatronik (15.06.2011)

GAMBAR 44.24



ADTEC Bintulu, Sarawak
- Lantai Jenis Epoxy Yang Berkualiti Telah Dipasang Selepas Teguran Audit (Sumber: Kementerian Sumber Manusia - 16.02.2012)


GAMBAR 44.25



ADTEC Bintulu, Sarawak
- Lantai Jenis Epoxy Yang Berkualiti Telah Dipasang Selepas Teguran Audit (Sumber: Kementerian Sumber Manusia - 16.02.2012)

SEBELUM


GAMBAR 44.26



ADTEC Bintulu, Sarawak
- Wayar Kabel Di Bengkel Teknologi Kimpalan Terdedah Dan Tidak Ditutupi Dengan Trunking
(28.06.2011)

SELEPAS

GAMBAR 44.27



ADTEC Bintulu, Sarawak
- Penutup Kabel Telah Dipasang
Selepas Teguran Audit
(Sumber: Kementerian Sumber Manusia - 23.02.2012)

GAMBAR 44.28



ADTEC Bintulu, Sarawak
- Air Bertakung Memenuhi Ruang Koridor Di Asrama Perempuan
(29.06.2011)

GAMBAR 44.29



ADTEC Bintulu, Sarawak
- Masalah Takungan Air Telah Diatasi
Selepas Teguran Audit
(Sumber: Kementerian Sumber Manusia - 23.02.2012)

GAMBAR 44.30



ADTEC Bintulu, Sarawak
- Air Yang Bertakung Di Concourse
Selepas Hujan
(28.06.2011)

GAMBAR 44.31



ADTEC Bintulu, Sarawak
- Masalah Takungan Air Telah Diatasi
Selepas Teguran Audit
(Sumber: Kementerian Sumber Manusia - 23.02.2012)

GAMBAR 44.32



ADTEC Bintulu, Sarawak
- Air Yang Bertakung Di Concourse
Selepas Hujan
(28.06.2011)

GAMBAR 44.33



ADTEC Bintulu, Sarawak
- Masalah Takungan Air Telah Diatasi
Selepas Teguran Audit
(Sumber: Kementerian Sumber Manusia - 23.02.2012)

SEBELUM

GAMBAR 44.34



GAMBAR 44.35



ADTEC Bintulu, Sarawak
- Perabot Yang Dibekalkan Di Kuarters Kelas F Dan G Berkulat
(29.06.2011)

SELEPAS



GAMBAR 44.36

ADTEC Bintulu, Sarawak
- Perabot Yang Berkulat Telah Dibersihkan
Selepas Teguran Audit
(Sumber: Kementerian Sumber Manusia - 23.02.2012)

b. Didapati ada pemasangan peralatan yang dibuat oleh kontraktor tidak sesuai. Bagaimanapun, Kementerian/JKR telah mengambil tindakan pembaikan terhadap sebahagian daripada peralatan yang tidak sesuai dipasang seperti yang dilaporkan oleh pihak Audit. Contoh pemasangan peralatan tidak sesuai berserta ulasan Kementerian/JKR adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 44.10
PEMASANGAN PERALATAN TIDAK SESUAI

ADTEC	LOKASI	PEMERHATIAN SEMASA LAWATAN AUDIT	ULASAN KEMENTERIAN/JKR
Taiping	Bengkel Kejuruteraan Jaminan Kualiti	*Air compressor* yang digunakan untuk tujuan saluran angin bagi kerja-kerja kimpalan dan mesin am dipasang di bilik rawatan kecemasan. **(Gambar 44.37)**	Tindakan pembetulan telah dibuat. **(Gambar 44.38)**
Kemaman	Bengkel Teknologi Penyenggaraan Mekanikal	Kedudukan *switch box* ditempatkan berhampiran pintu masuk Bilik Makmal Automasi. **(Gambar 44.39)**	Tindakan pembetulan telah dibuat. **(Gambar 44.40)**
	Bengkel, Blok Pentadbiran, Pusat Sumber	*Monitor* CCTV bagi tujuan pemantauan keselamatan ditempatkan dilantai.**(Gambar 44.41)**	Tindakan pembetulan telah dibuat. **(Gambar 44.42)**
	Kuarters Blok D dan E	*Power supply* untuk *heater* dipasang berhampiran dengan *overflow* tangki air dan *shower* dalam bilik air. **(Gambar 44.43** dan **44.44)**	Pihak perunding telah mengarahkan kontraktor memindahkan ke tempat yang lebih sesuai/selamat.

GAMBAR 44.37

SEBELUM



ADTEC Taiping, Perak
- Air Compressor Yang Digunakan Untuk Tujuan Saluran Angin Bagi Kerja-kerja Kimpalan Dan Mesin Am Telah Dipasang Di Bilik Rawatan Kecemasan
(15.06.2011)

GAMBAR 44.38

SELEPAS



ADTEC Taiping, Perak
- Tindakan Pembetulan Telah Dibuat
Selepas Teguran Audit
(Sumber: Jabatan Kerja Raya - 05.01.2012)

GAMBAR 44.39

SEBELUM



ADTEC Kemaman, Terengganu
- Peti Suis Ditempatkan Di Belakang Pintu Bilik Makmal Automasi Di Bengkel Teknologi Penyenggaraan Mekanikal (12.07.2011)

GAMBAR 44.40

SELEPAS



ADTEC Kemaman, Terengganu
- Tindakan Pembetulan Telah Dibuat Selepas Teguran Audit
(Sumber: Kementerian Sumber Manusia - 29.04.2012)

GAMBAR 44.41

SEBELUM



ADTEC Kemaman, Terengganu
- Peti Monitor CCTV Di Bangunan Pentadbiran Ditempatkan Di Kedudukan Yang Tidak Sesuai Di Dalam Bilik PK/PB, Berhabuk Dan Terbiar (12.07.2011)

GAMBAR 44.42

SELEPAS



ADTEC Kemaman, Terengganu
- Tindakan Pembetulan Telah Dibuat Selepas Teguran Audit
(Sumber: Kementerian Sumber Manusia - 04.04.2012)

GAMBAR 44.43



ADTEC Kemaman, Terengganu
- Power Supply Untuk Heater Dipasang Berhampiran Dengan Overflow Dan Shower (11.07.2011)

GAMBAR 44.44



ADTEC Kemaman, Terengganu
- Power Supply Untuk Heater Dipasang Berhampiran Dengan Shower (11.07.2011)

Maklum Balas Kementerian Sumber Manusia Yang Diterima Pada 22 Mei 2012

Kementerian melalui Perunding telah mengarahkan kontraktor supaya menyelesaikan masalah yang dibangkitkan oleh pihak Audit dan akan diselaraskan dalam tempoh tanggungan kecacatan.

Pada pendapat Audit, tindakan segera yang diambil terhadap sebahagian kerosakan/kecacatan kerja yang berlaku menunjukkan Kementerian/JKR memandangkan serius terhadap teguran Audit. Bagi kontraktor/perunding yang gagal mematuhi syarat kontrak sepenuhnya serta tidak komited terhadap tindakan pembaikan yang diarahkan, Kementerian/JKR disyorkan menyenaraihitamkan perunding/kontraktor berkenaan daripada sebarang kontrak Kerajaan.

44.5.4.3. Kerja Yang Tidak Seragam

Lawatan Audit di ADTEC Taiping, Kemaman, Jerantut dan Bintulu mendapati spesifikasi bagi beberapa kerja adalah berbeza antara satu ADTEC dengan ADTEC yang lain. Adalah didapati ukuran keluasan Bilik Pengarah, Timbalan Pengarah, Ketua Jabatan, Ketua Bahagian di ADTEC Taiping, Kemaman, Jerantut dan Bintulu berbeza walaupun dengan gred jawatan yang sama. Selain itu, didapati juga keluasan bilik kuliah di setiap bengkel di ADTEC tersebut tidak seragam di mana keluasan sebenar adalah antara 28.88 meter persegi hingga ke 80 meter persegi walaupun kapasiti setiap bilik kuliah adalah sama iaitu bagi menempatkan 30 pelajar. Butiran lanjut seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 44.11
PERBANDINGAN SAIZ UKURAN BILIK

LOKASI	ADTEC			
	TAIPING (M^2)	KEMAMAN (M^2)	JERANTUT (M^2)	BINTULU (M^2)
Bilik Pengarah (J54)	36.7	48	33.7	33.2
Bilik Timbalan Pengarah 1 (J52)	28	36	29.1	23.1
Bilik Timbalan Pengarah 2 (J48)	24	36	TB	21.3
Bilik Ketua Jabatan (J44/48)	24 - 51.84	12 - 48	20 - 30.23	14.40 - 21
Bilik Ketua Bahagian(J41/44)	20 - 32	9 - 64	21 - 33.3	14.40 - 19.38
Bilik Kuliah	56 - 72	30 - 64	45.65 - 80	28.88 - 70

Nota: ***M^2 - Meter Persegi***



GAMBAR 44.45

ADTEC Bintulu, Sarawak
- Bilik Kuliah 1 Dan 2, Bengkel Teknologi Automotif
Sempit Dan Kurang Selesa Kerana
Hanya Berukuran 28.88 Meter Persegi Untuk Menampung
Seramai 30 Orang Pelajar
(28.06.2011)

Maklum Balas Kementerian Sumber Manusia Yang Diterima Pada 22 Mei 2012

Faktor penentu dalam proses reka bentuk adalah keluasan keseluruhan bangunan (Gross Floor Area). Keluasan bilik kuliah adalah berasaskan ringkasan projek yang mengikut norma keluasan EPU iaitu 0.95 m.p. seorang.

44.5.4.4. Kelewatan Tindakan Pembaikan

Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan, pihak pengguna hendaklah menjalankan pemeriksaan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi mengenal pasti ketidaksempurnaan, kecacatan dan kerja yang tidak mengikut spesifikasi seperti dalam kontrak. Segala aduan yang dibuat perlu diambil tindakan pembaikan oleh kontraktor dalam tempoh yang ditetapkan. Lawatan Audit di ADTEC Kemaman, Terengganu mendapati berlaku runtuhan cerun di 9 lokasi sekitar ADTEC Kemaman sejak bulan November 2010. Bagaimanapun, sehingga tarikh lawatan Audit iaitu pada bulan Julai 2011, tindakan pembaikan masih belum dilaksanakan lagi. Keadaan cerun yang runtuh adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 44.46



GAMBAR 44.47



ADTEC Kemaman, Terengganu
- Antara Kejadian Runtuhan Cerun Yang Belum Diambil Tindakan Sehingga Tarikh Lawatan Audit (11.07.2011)

Maklum Balas Kementerian Sumber Manusia Yang Diterima Pada 22 Mei 2012

Pihak kontraktor didapati telah gagal memenuhi obligasi melaksanakan kerja-kerja pembaikan cerun yang runtuh sebagaimana dalam Letter of Undertaking yang dikeluarkan pada 5 Januari 2012. Sehubungan itu, Kementerian telah mengeluarkan Surat Setuju Terima bertarikh 3 Mei 2012 berhubung kerja-kerja tersebut kepada Syarikat Fastforward Enterprise pada harga perolehan Sebut Harga sebanyak RM399,120. Tempoh penyiapan kerja-kerja pemulihan cerun tersebut adalah selama 12 minggu.

44.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan supaya Kementerian/JTM mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

44.6.1. Mempercepatkan proses perolehan peralatan pembelajaran bagi memastikan kemasukan pelajar dapat dibuat mengikut perancangan asal serta keupayaan dan kapasiti bangunan dapat diuji bersama-sama dengan peralatan pembelajaran sebelum berakhirnya Tempoh Tanggungan Kecacatan. Bagaimanapun, Kementerian juga bertanggungjawab untuk memastikan proses perolehan peralatan pembelajaran dibuat dengan teratur bagi mengelakkan Kerajaan mengalami kerugian.

44.6.2. Memperbaiki kerosakan dan kecacatan dengan segera bagi memastikan keselesaan pengguna.

44.6.3. Bagi projek lain yang dilaksanakan di masa hadapan, Kementerian/JTM disyorkan melaksanakan perkara berikut:

44.6.3.1. Memastikan kerja pembinaan yang dilaksanakan siap dalam tempoh yang ditetapkan dan menilai semula keupayaan kontraktor dalam melaksanakan projek tersebut bagi mengelakkan kerugian kepada Kerajaan dan mencapai objektif yang ditetapkan.

44.6.3.2. Memantau dan memberikan pengawasan yang lebih rapi terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor serta perunding bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut spesifikasi dan berkualiti.

44.6.4. Kementerian/JKR hendaklah menyenaraihitamkan kontraktor/konsultan yang gagal melaksanakan kerja pembinaan mengikut syarat kontrak.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 358-367
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

45. JABATAN WARISAN NEGARA
- PROGRAM PEMULIHARAAN DAN PEMUGARAN TINGGALAN SEJARAH

45.1. LATAR BELAKANG

45.1.1. Jabatan Warisan Negara (JWN) bermula sebagai Bahagian Warisan iaitu salah satu bahagian di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKKWA). Bahagian ini kemudiannya dinaiktaraf menjadi sebuah jabatan pada 1 Mac 2006. Jabatan ini bertanggungjawab untuk memelihara dan mengekalkan warisan negara seperti yang termaktub di dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005. Antara fungsi utama Jabatan ini adalah menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, mendaftarkan warisan negara ke dalam Daftar Warisan dan Daftar Warisan Kebangsaan, memelihara dan memulihara warisan negara serta merancang, melaksanakan dan menyelaras aktiviti-aktiviti berkaitan dengan warisan. Untuk memastikan objektif jabatan tercapai, Bahagian Konservasi dan Arkeologi telah diwujudkan dan Cawangan Konservasi yang diletak di bawah bahagian ini. Objektif utama cawangan ini adalah untuk memastikan khazanah warisan negara sama ada dalam bentuk boleh alih atau *insitu* dikekalkan melalui aktiviti memulihara, memelihara dan membangunkan monumen lama dan tapak tanah bersejarah di seluruh Malaysia berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan 2005.

45.1.2. Dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9), sejumlah RM100 juta telah diluluskan kepada Jabatan Muzium Malaysia di bawah Projek Pemuliharaan Monumen dan Tapak Tanah Bersejarah. Bagaimanapun, peruntukan tersebut dipindahkan ke Jabatan Warisan Negara pada tahun 2006 di bawah Program Pemuliharaan dan Pemugaran Tinggalan Sejarah (Program PPTS). Siling peruntukan tersebut telah dikurangkan kepada RM82.30 juta susulan daripada Kajian Separuh Penggal RMKe-9.

45.1.3. Objektif program ini adalah untuk menyelidik, mengumpul, memulihara, menyelamat dan mengembangkan harta warisan negara sama ada “warisan budaya” (cultural heritage) atau “warisan alam semulajadi” (natural heritage) dan juga “yang alih” (moveable) dan “yang tidak alih” (immoveable).

45.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program PPTS telah dirancang, diurus dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

45.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Program PPTS di bawah RMKe-9 (2006 hingga 2010). Pengauditan telah dijalankan di peringkat Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (Kementerian); Bahagian Konservasi dan Arkeologi, Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pendaftaran dan Penguatkuasaan di JWN dan 22 projek yang dipilih.

45.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan rekod dan dokumen, testimoni melalui temu bual dan berbincang dengan pegawai yang terlibat, analisis data, pemeriksaan, pemerhatian terhadap kerja konservasi dan pengesahan pihak ketiga.

45.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai 2011 hingga Februari 2012 mendapati secara keseluruhannya Program PPTS adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan program ini adalah seperti berikut:

i. maklumat lengkap status pelaksanaan projek tidak disediakan;
ii. pelaksanaan kerja pemuliharaan tidak berkualiti;
iii. projek siap tidak dimanfaatkan;
iv. tiada pengawasan atas perbelanjaan;
v. tiada garis panduan rasmi proses kerja pemuliharaan;
vi. pengurusan maklumat dan rekod tidak teratur; dan
vii. tiada mekanisme pemantauan program pemuliharaan.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui dan maklum balas JWN adalah seperti di perenggan berikut:

45.5.1. Prestasi Program

45.5.1.1. Pencapaian Fizikal

Dalam tempoh RMKe-9, bilangan projek yang telah dilaksanakan di bawah Program PPTS adalah sebanyak 175 projek iaitu 147 projek di bawah butiran konservasi monumen dan bangunan warisan serta 28 projek di bawah butiran penyenggaraan serta naik taraf tapak arkeologi. Bagaimanapun, maklumat lengkap cadangan projek yang hendak dilaksanakan tidak disediakan oleh JWN. Oleh yang demikian, pihak Audit tidak dapat menentukan pencapaian fizikal program ini.

45.5.1.2. Pencapaian Kewangan

Dalam RMKe-9, Program PPTS telah diperuntukkan sejumlah RM100 juta. Semasa Kajian Separuh Penggal RMKe-9, peruntukan ini telah dikurangkan sejumlah RM17.70 juta kepada RM82.30 juta. Analisis Audit mendapati sejumlah RM69.98 juta atau 85% telah dibelanjakan.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Program PPTS adalah memuaskan. Bagaimanapun, JWN perlu menyediakan maklumat lengkap status pelaksanaan projek bagi tujuan pemantauan dan penilaian.

45.5.2. Pelaksanaan Kerja Pemuliharaan Dan Pemugaran

Pemuliharaan dan pemugaran melibatkan proses mengembalikan sesuatu harta kepada keadaan kebergunaan melalui pembaikan atau pengubahan yang memungkinkan penggunaan semasa lebih efisien sambil memelihara bahagian dan ciri yang penting kepada seni bina bersejarah harta itu. Kerja pemuliharaan dan pemugaran dilaksanakan oleh kontraktor serta pemantauan dibuat oleh pegawai projek/juru perunding yang dilantik oleh JWN. Lawatan Audit ke 22 sampel tapak pemuliharaan dan pemugaran tinggalan sejarah mendapati perkara seperti berikut:

45.5.2.1. Kerja Tidak Berkualiti

Kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor hendaklah tidak kurang daripada mutu atau kualiti yang telah dipersetujui. Mengikut amalan, jika kerja pemuliharaan cat dilaksanakan mematuhi huraian kerja, spesifikasi, pernyataan kaedah kerja (method statement) dan jenis cat yang sesuai digunakan, kecacatan pada permukaan yang dicat

tidak akan berlaku dalam tempoh kurang 5 tahun. Begitu juga bagi kerja *anti termite,* serangan anai-anai tidak akan berlaku dalam tempoh kurang dari 2 tahun jika ia dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan menggunakan jenis *anti termite* yang sesuai. Pemeriksaan Audit mendapati sebahagian dari bangunan bersejarah yang telah dipulihara masih mengalami masalah kerosakan walaupun selepas kerja pemuliharaan dan pemugaran dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 45.1** dan ditunjukkan dalam **Gambar 45.1** hingga **45.14**.

JADUAL 45.1
PROJEK YANG MENGALAMI KEROSAKAN SEMULA SELEPAS KERJA KONSERVASI DILAKSANAKAN

JENIS KEROSAKAN	PROJEK TERLIBAT	
Lanskap - Tiang Lampu Taman Tumbang/Lampu *Spotlight* Tidak Menyala/Rekahan Kasar Pada Elemen Pagar	1) Bekas Pejabat Daerah Semporna, Sabah	2) Bangunan Lama HSBC, Bandar Hilir, Melaka
Serangan Anai-anai - Serangan Anai-anai Di Bahagian Siling/Papan Lantai	1) Istana Bandar, Mukim Jugra, Selangor **(Gambar 45.1)** 2) Bangunan Pejabat Pos Lama, Ipoh, Perak **(Gambar 45.2)**	3) Bangunan Muzium Perak, Taiping, Perak
Pintu - Kesan Pereputan Pada Pintu/ Pemasangan Engsel Tidak Sempurna/ Pintu Tidak Boleh Dibuka Sepenuhnya Akibat Lantai Simen Yang Tidak Rata	1) Bekas Pejabat Daerah Semporna, Sabah 2) Rumah Penghulu Ghani/Natar, Melaka 3) Masjid Kg. Tuan, Kemaman, Terengganu	4) Banglo Penolong Pengurus, Sg. Lembing, Pahang 5) Bangunan Muzium Perak, Taiping, Perak 6) Istana Bandar, Mukim Jugra, Selangor
Bumbung - Bumbung Tidak Dipasang Dan Disusun Secara Teratur Serta Kemas/Jubin Bumbung Patah/Kepingan Genting Tertanggal/Bumbung Konkrit Kotor Dan Berlumut/Kayu Tunjuk Langit Tercabut Dari Kubah Bumbung	1) Tapak Arkeologi Lembah Warisan Lenggong, Perak **(Gambar 45.3)** 2) Bangunan Pejabat Pos Lama, Ipoh, Perak **(Gambar 45.4** hingga **45.6)** 3) Masjid Dato' Machap, Alor Gajah, Melaka 4) Masjid Kg. Tuan, Kemaman, Terengganu	5) Bekas Rumah Pegawai Daerah Dungun, Terengganu 6) Istana Leban Tunggal, Pekan, Pahang 7) Istana Bandar, Mukim Jugra, Selangor 8) Bekas Pejabat Daerah Semporna, Sabah
Tingkap - Daun Tingkap Ditumbuhi Kulat/Jeriji Besi Berkarat/Kesan Pereputan Dan Keretakan Pada Elemen Tingkap/Cat Mengelupas/Sambungan Kayu Kerawang Tidak Sempurna	1) Bangunan Pejabat Pos Lama, Ipoh, Perak **(Gambar 45.7)** 2) Masjid Lama Kg. Kuala Dal, Padang Rengas, Perak **(Gambar 45.8)** 3) Bangunan Lama HSBC, Bandar Hilir, Melaka 4) Bekas Rumah Pegawai Daerah Dungun, Terengganu	5) Istana Leban Tunggal, Pekan, Pahang 6) Banglo Penolong Pengurus, Sg. Lembing, Pahang 7) Istana Bandar, Mukim Jugra, Selangor
Lantai - Lantai Papan Mengalami Kesan Pereputan/Lantai *Courtyard* Berlumut Dan Retak Halus/Lapisan Lantai Simen Tidak Rata/Lapisan Syelek Telah Pudar	1) Bekas Pejabat Daerah Semporna, Sabah 2) Rumah Penghulu Ghani/Natar, Melaka 3) Bangunan Lama HSBC, Bandar Hilir, Melaka 4) Masjid Kg. Tuan, Kemaman, Terengganu	5) Bekas Rumah Pegawai Daerah Dungun, Terengganu 6) Banglo Penolong Pengurus, Sg. Lembing, Pahang 7) Bangunan Muzium Perak, Taiping, Perak 8) Bangunan Pejabat Pos Lama, Ipoh,Perak
Siling - Kesan Kebocoran Di Papan Siling/ Papan Siling Berlumut, Berlubang Dan Pecah/Cat Di Siling Telah Mengelupas	1) Bangunan Pejabat Pos Lama, Ipoh, Perak **(Gambar 45.9)** 2) Masjid Dato' Machap, Alor Gajah, Melaka 3) Bangunan Lama HSBC, Bandar Hilir, Melaka 4) Masjid Kg. Tuan, Kemaman, Terengganu	5) Bekas Rumah Pegawai Daerah Dungun, Terengganu 6) Istana Leban Tunggal, Pekan, Pahang 7) Banglo Penolong Pengurus, Sg. Lembing, Pahang 8) Istana Bandar, Mukim Jugra, Selangor
Dinding - Dinding Mengalami Masalah Kelembapan/Lepaan Dinding Menggelembung Dan Pecah/Kesan Kotoran Dan Lumut Di Permukaan Dinding/Cat di Dinding Mengelupas Dan Bertompok/Kesan Lelehan Air Di Dinding/Tumbuhan Tumpang Tumbuh Di Bahagian Luar Dinding	1) Bangunan Lama HSBC, Bandar Hilir, Melaka 2) Bangunan Pejabat Pos Lama, Ipoh, Perak **(Gambar 45.10** dan **45.11)** 3) Masjid Lama Kg. Kuala Dal, Padang Rengas, Perak **(Gambar 45.12)** 4) Istana Bandar, Mukim Jugra, Selangor **(Gambar 45.13** dan **45.14)** 5) Bekas Pejabat Daerah Semporna, Sabah	6) Masjid Dato' Machap, Alor Gajah, Melaka 7) Bangunan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, Kuala Terengganu 8) Rumah Penghulu Ghani/Natar, Melaka 9) Istana Leban Tunggal, Pekan, Pahang 10) Banglo Penolong Pengurus, Sg. Lembing, Pahang 11) Bangunan Muzium Perak, Taiping, Perak

GAMBAR 45.1



Istana Bandar, Mukim Jugra, Selangor
- Terdapat Serangan Anai-anai Pada Siling Di Blok 1
(22.02.2012)

GAMBAR 45.2



Bangunan Pejabat Pos Lama, Ipoh, Perak
- Serangan Anai-anai Pada Papan Lantai
(16.11.2011)

GAMBAR 45.3



Tapak Arkeologi Lembah Warisan Lenggong, Perak
- Kepingan Genting 'Singgora' Di Bahagian Bumbung
Telah Tertanggal Dan Menyebabkan
Kebocoran Pada Bahagian Bumbung
(15.11.2011)

GAMBAR 45.4



Bangunan Pejabat Pos Lama Ipoh, Perak
- Jubin Bumbung Masih Kotor
Setelah Dibasuh Dan Dirawat
(16.11.2011)

GAMBAR 45.5




Bangunan Pejabat Pos Lama Ipoh, Perak
- Jubin Bumbung Dari Jenis Tanah Liat
Telah Patah Dan Terdapat Kepingan Jubin
Tertanggal Dari Bahagian Bumbung
(16.11.2011)

GAMBAR 45.6




Bangunan Pejabat Pos Lama Ipoh, Perak
- Kerja Penyambungan Bumbung Tidak
Berkualiti Dan Mengalami Keretakan
(16.11.2011)

GAMBAR 45.7



Bangunan Pejabat Pos Lama, Ipoh, Perak
- Keretakan Pada Kerja Kayu Di Daun Tingkap
(16.11.2011)

GAMBAR 45.8



Masjid Lama Kg. Kuala Dal, Padang Rengas, Perak
- Sambungan Kayu Kerawang Tidak Sempurna
(14.11.2011)

GAMBAR 45.9



Bangunan Pejabat Pos Lama, Ipoh, Perak
- Cat Di Siling Mengelupas
(16.11.2011)

GAMBAR 45.10



Bangunan Pejabat Pos Lama, Ipoh, Perak
- Kesan Lelehan Air Hujan
Di Dinding Berhampiran Tingkap
(16.11.2011)

GAMBAR 45.11



Bangunan Pejabat Pos Lama, Ipoh, Perak
- Cat Di Dinding Tidak Rata Dan Mengelupas (16.11.2011)

GAMBAR 45.12



Masjid Lama Kg. Kuala Dal, Padang Rengas, Perak
- Pengelupasan Cat Pada Anyaman Dinding Tepas
(14.11.2011)

GAMBAR 45.13



Istana Bandar, Mukim Jugra, Selangor
- Permukaan Dinding Tembok Telah Berlumut
(22.02.2012)

GAMBAR 45.14



Istana Bandar, Mukim Jugra, Selangor
- Kesan Lelehan Air Hujan Pada Cornice
(22.02.2012)

Maklum Balas Jabatan Warisan Negara Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Jabatan sentiasa menitik beratkan tentang kualiti kerja kontraktor melalui pemantauan tapak.

45.5.2.2. Projek Siap Tidak Dimanfaatkan

Aktiviti pemuliharaan melibatkan proses menyelamat, membangun dan mengekal bangunan tinggalan sejarah yang secara langsung berkait dengan pelancongan dan memberi pulangan ekonomi kepada negara. Lawatan Audit ke 22 projek yang dipilih mendapati 5 projek seperti di **Gambar 45.15** hingga **45.22** tidak dimanfaatkan dan tidak menyumbang kepada ekonomi. Di samping itu, terdapat projek yang terbiar dan telah rosak.

GAMBAR 45.15



Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah
- Galeri, Rumah Penyelidik Dan Asrama Tidak Dimanfaatkan
(25.07.2011)

GAMBAR 45.16



Masjid Dato' Machap, Alor Gajah, Melaka
- Masjid Tidak Dimanfaatkan
(11.10.2011)

GAMBAR 45.17



Istana Leban Tunggal, Pekan, Pahang
- Rumah Istana Ditinggalkan Kosong Dan Terbiar
(08.11.2011)

GAMBAR 45.18



Istana Leban Tunggal, Pekan, Pahang
- Cermin Kaca Pintu 'Cowboy' Telah Pecah
(08.11.2011)

GAMBAR 45.19



GAMBAR 45.20



Istana Leban Tunggal, Pekan, Pahang
- Pagar 'Chain Link' Telah Dirosakkan
(08.11.2011)

GAMBAR 45.21



Banglo Penolong Pengurus, Sg. Lembing, Pahang
- Rumah Tidak Dimanfaatkan
(08.11.2011)

GAMBAR 45.22



Istana Bandar, Mukim Jugra, Selangor
- Bangunan Istana Tidak Dimanfaatkan
(22.02.2012)

Maklum Balas Jabatan Warisan Negara Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Kerosakan setelah bangunan selesai dipulihara dan diserahkan kepada pemilik adalah menjadi tanggungjawab pemilik untuk memastikan bangunan terus terpelihara dan dimanfaatkan.

Pada pendapat Audit, JWN hendaklah memastikan kerja yang dijalankan oleh kontraktor memenuhi spesifikasi yang ditetapkan. Pemuliharaan bangunan bersejarah juga perlu dilakukan secara berterusan serta memastikan pemilik bangunan bersejarah tidak mengabaikan aspek penyenggaraan selepas pemuliharaan dibuat dan terus dimanfaatkan sebagai sumber ekonomi negara.

45.5.3. Pentadbiran Kontrak

Bagi memastikan projek dilaksanakan dengan sempurna, peraturan yang ditetapkan perlu dipatuhi. Semakan Audit terhadap Projek Membaik Pulih Bangunan Istana Bandar, Mukim Jugra, Selangor yang bernilai RM1.86 juta mendapati perkara berikut:

45.5.3.1. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) Dikeluarkan Sebelum Kerja Siap Sepenuhnya

CPC projek berkenaan telah dikeluarkan pada 20 Julai 2009 dengan tempoh membaiki kecacatan selama setahun mulai 17 Julai 2009 sehingga 16 Julai 2010. Bagaimanapun, pada 17 Julai 2009 Perakuan Tidak Siap Kerja (CNC) dikeluarkan. Manakala Mesyuarat Koordinasi Projek Membaik Pulih Bangunan Istana Bandar, Mukim Jugra pada bulan September 2009 mengesahkan bahawa hanya 94% kerja yang telah disiapkan. Selain itu, mengikut penilaian bagi Bayaran Kemajuan Kelapan yang disediakan oleh kontraktor pada bulan Oktober 2009 mendapati kemajuan kerja ialah 79.5%.

Maklum Balas Jabatan Warisan Negara Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Jabatan menyedari dan mengakui akan kelemahan dalam pentadbiran kontrak tersebut. Kementerian telah menubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan untuk menyiasat kes ini.

45.5.3.2. Denda Lewat Menyiapkan Kerja (LAD) Tidak Dikenakan

Mesyuarat Koordinasi Projek Membaik Pulih Bangunan Istana Bandar, Mukim Jugra pada bulan September 2009 juga telah memutuskan LAD sejumlah RM344.36 sehari dikenakan terhadap kontraktor mulai 16 Julai 2009. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati LAD tidak dikenakan walaupun *Extension Of Time* tidak diluluskan.

Maklum Balas Jabatan Warisan Negara Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Perunding adalah bertanggungjawab mengesyorkan pengeluaran CNC dan pengenaan denda kepada Pegawai Projek dan Pengarah Konservasi. Kementerian telah menubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan untuk menyiasat kes ini.

Pada pendapat Audit, integriti perakuan siap kerja pada 16 Julai 2009 adalah diragui kerana pada tarikh yang sama CNC telah dikeluarkan dan masih terdapat kerja yang belum disempurnakan. LAD patut dikenakan selepas CNC dikeluarkan.

45.5.4. Perbelanjaan Tidak Diakui

Arahan Perbendaharaan 107 menyatakan bahawa setiap bayaran dalam akaun mestilah disokong dengan baucar yang sepatutnya. Sesuatu bayaran adalah dianggap sebagai perbelanjaan tidak diakui jika tiada keterangan bahawa ia telah dilakukan, dibenarkan dan diselesaikan dengan sepatutnya. Selain itu, pegawai yang akan mengesahkan bayaran hendaklah berpuas hati bahawa semua kerja disempurnakan dan setiap bayaran hendaklah disokong dengan baucar bayaran berserta dokumen yang lengkap. Semakan Audit mendapati rekod kawalan mengenai bayaran interim tidak diselenggarakan dengan kemas kini menyebabkan 6 projek melibatkan sejumlah RM2.03 juta atau 13.6% daripada nilai projek RM14.94 juta tidak dapat disahkan telah dibayar kerana tidak disokong dengan baucar bayaran. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 45.2
SENARAI PROJEK YANG MANA BAYARAN TIDAK DAPAT DISAHKAN

NAMA PROJEK	NILAI PROJEK (RM Juta)	BAYARAN YANG TIDAK DAPAT DISAHKAN	
		JUMLAH (RM Juta)	(%)
Kerja-kerja Baikpulih Rumah Penghulu Ghani/Natar, Merlimau, Melaka	1.34	0.07	5.1
Kerja-kerja Konservasi Masjid Lama Kg. Kuala Dal, Padang Rengas, Perak	0.76	0.02	2.6
Kerja-kerja Konservasi Bangunan Pejabat Pos Lama, Ipoh, Perak	2.70	0.67	24.9
Projek Pembangunan Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah	4.13	0.38	9.1
Projek Pembangunan Agop Batu Tulug, Kinabatangan, Sabah	1.84	0.18	9.7
Naiktaraf Kemudahan Pelawat Sekitar Tapak Arkeologi Lembah Warisan Lenggong, Perak	4.17	0.71	17.1
JUMLAH	**14.94**	**2.03**	**13.6**

Maklum Balas Jabatan Warisan Negara Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Jabatan memaklumkan punca baucar bayaran tidak dapat dikemukakan adalah kerana rekod bayaran tahun 2006 hingga 2008 dibuat secara manual manakala rekod bayaran tahun 2009 dan seterusnya melalui eSPKB. Selain itu, Jabatan menghadapi kesukaran untuk mencari baucar bayaran yang dikehendaki oleh Audit kerana telah dimasukkan ke dalam kotak untuk tujuan perpindahan.

Pada pendapat Audit, JWN hendaklah memastikan daftar bayaran disediakan dengan lengkap dan kemas kini.

45.5.5. Sistem Pengurusan Maklumat


Penyelidikan dan pendokumentasian adalah merupakan objektif Program PPTS dan juga fungsi JWN. Manakala antara prinsip utama yang perlu diterapkan semasa kerja pemuliharaan warisan adalah merekod dan mendokumentasikan keadaan bangunan dan kerja sebelum, semasa dan selepas konservasi. Perekodan dan dokumentasi yang sistematik merupakan faktor kepada pemuliharaan bangunan bersejarah yang berkualiti. Dokumentasi berkaitan hendaklah dilindungi serta disimpan dalam sebuah arkib yang kekal dan terbuka untuk umum bagi rujukan masa hadapan (Artikel 32 Piagam Burra, 1999). Segala maklumat dan bahan dokumentasi berkaitan konservasi harus disimpan oleh JWN, Jabatan Arkib dan pihak berkuasa tempatan dengan baik. Sistem persembahan maklumat harus jelas dan tepat kerana ia adalah sangat penting dalam pemuliharaan warisan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

45.5.5.1. Penyelenggaraan Simpanan Dokumen Dan Fail Projek Pemuliharaan

Pengurusan penyimpanan maklumat program pemuliharaan secara konvensional dalam fail oleh JWN adalah tidak teratur dan tidak kemas kini. JWN tidak mempraktikkan kaedah atau tatacara dan amalan pengendalian fail rasmi Kerajaan mengikut peraturan pengurusan rekod Kerajaan. Terdapat dokumen dan surat menyurat tidak dikendalikan


dengan baik dan tidak mematuhi peraturan Panduan Pengendalian Fail yang berkuat kuasa. Antaranya surat tidak ditebuk dan dikandungkan, tidak didaftarkan atau berada dalam keadaan terburai dan tidak difailkan dalam fail berdaftar. Keadaan surat adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 45.23



Kertas Minit Tidak Disertakan Untuk Mengawal Surat Yang Dikandungkan Dalam Fail (16.01.2012)

GAMBAR 45.24



Kertas Minit Tidak Diisikan (16.01.2012)

GAMBAR 45.25



GAMBAR 45.26



Surat Tidak Ditebuk Dan Dikandungkan Dalam Fail (16.01.2012)

45.5.5.2. Keselamatan Fizikal Fail Rasmi Projek Pemuliharaan

Adalah menjadi tanggungjawab JWN memberi perlindungan secukupnya terhadap rekod rasmi Kerajaan dan memastikan ia sentiasa berada dalam keadaan selamat. Pihak Audit mendapati sebanyak 98 fail berkaitan dengan program PPTS yang disimpan di Bangunan Abdul Samad telah hilang daripada simpanan JWN.

Maklum Balas Jabatan Warisan Negara Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Fail tersebut terpaksa disimpan di Bangunan Sultan Abdul Samad kerana pejabat JWN tidak mempunyai ruang yang mencukupi. Bagaimanapun, JWN kini telah memulakan penyimpanan dokumentasi konservasi.

Pada pendapat Audit, tahap kesedaran terhadap kepentingan mendokumentasikan semua maklumat berkaitan pemuliharaan bangunan bersejarah hendaklah diberi perhatian. Tindakan tatatertib wajar diambil jika terbukti kehilangan adalah berpunca daripada kelalaian dan kecuaian pegawai yang bertanggungjawab.

45.5.6. Struktur Organisasi, Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Struktur organisasi yang seimbang, jelas dan menepati peranan sesuatu agensi dan selaras dengan objektif penubuhannya perlu diwujudkan bagi memastikan kelancaran pengurusan sesuatu program atau aktiviti. Selain itu, guna tenaga dengan kelayakan dan pengalaman yang sesuai, terlatih dan mencukupi juga penting bagi membantu pelaksanaan Program PPTS dapat dibuat dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

45.5.6.1. Perjawatan Cawangan Konservasi

Struktur organisasi JWN yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) merangkumi 4 bahagian iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pendaftaran dan Penguatkuasaan, Bahagian Konservasi dan Bahagian Penyelidikan dan Pengesahan. Bahagian Konservasi yang mempunyai 3 cawangan telah diluluskan perjawatan seramai 37 orang. Bagaimanapun, struktur ini tidak dikuatkuasakan. Sebaliknya JWN telah berfungsi secara pentadbiran di mana hanya 9 jawatan ditempatkan di Cawangan Konservasi. Bagaimanapun, justifikasi perubahan struktur ini tidak dikemukakan dan tidak dimaklumkan kepada JPA.

45.5.6.2. Latihan Berkaitan Konservasi

Latihan yang sesuai dan mencukupi hendaklah dirancang untuk pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan pengurusan Program PPTS. Rancangan program latihan/kursus/seminar mengenai pengurusan pemuliharaan dan pemugaran bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010 tidak dapat dikemukakan untuk semakan Audit. Analisis Audit terhadap program latihan serta kursus yang dilaksanakan bagi tahun 2006 hingga 2008 mendapati tiada latihan berkaitan dengan tajuk pemuliharaan warisan telah dilaksanakan. Bagaimanapun dalam tahun 2009 dan 2010, JWN telah menganjurkan 8 kursus melibatkan 170 peserta mengenai program pemuliharaan dan pemugaran.

Maklum Balas Jabatan Warisan Negara Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Kertas Cadangan Penyusunan Semula Perjawatan akan dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian.

Pada pendapat Audit, JWN hendaklah memastikan penyusunan yang akan dilaksanakan mengambil kira kepentingan dan fungsi Cawangan Konservasi dalam tanggungjawab memelihara warisan sejarah. Selain itu, JWN hendaklah memastikan latihan yang sesuai dan mencukupi diberi kepada pegawai JWN yang terlibat dalam pelaksanaan kerja konservasi.

45.5.7. Prosedur Tetap Dan Proses Kerja

Prosedur kerja yang lengkap dan kemas kini adalah penting bagi memastikan semua kerja konservasi dapat dilaksanakan dengan teratur dan cekap. Pihak Audit difahamkan JWN telah menerima pakai standard *International Council of Monument and Sites* (ICOMOS) iaitu salah satu pertubuhan pemuliharaan antarabangsa di bawah *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation* (UNESCO) yang menyediakan piagam mengandungi piawaian dan garis panduan tentang pemuliharaan. Selain itu, JWN juga mengamalkan piawaian dan garis panduan Piagam Burra, Australia. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:


45.5.7.1. Undang-undang, Peraturan Dan Manual Prosedur Kerja

Manual Prosedur Kerja (MPK) telah disediakan bagi rujukan dalam pengurusan Program PPTS dan merangkumi proses kerja pengurusan pemuliharaan warisan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati MPK tersebut tidak diluluskan dan tiada surat arahan terima pakainya secara rasmi oleh Ketua Pengarah Warisan. Selain itu, MPK tersebut juga didapati tidak menerapkan kehendak ICOMOS dan Piagam Burra seperti tidak menyentuh mengenai keperluan menyenggara bangunan berkepentingan budaya secara berterusan dan mendokumentasikan maklumat mengenai kerja pemuliharaan. JWN juga telah mengguna pakai satu garis panduan bertajuk Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Dan Garis Panduan Umum Tapak Warisan secara tidak rasmi sejak bulan November 2009 menyebabkan amalan kerja pemuliharaan yang tidak seragam.

45.5.7.2. Rangka Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah

Rangka kerja pemuliharaan bangunan bersejarah adalah penting bagi menjamin pemuliharaan bangunan bersejarah dirancang secara menyeluruh dan bersistematik. Rangka kerja yang dimaksudkan hendaklah melibatkan 5 peringkat penting seperti; Peringkat Pertama (Penyelidikan Awalan); Peringkat Kedua (Kajian Kecacatan Bangunan); Peringkat Ketiga (Penyediaan Dokumen Tender); Peringkat Keempat (Kerja Pemuliharaan Bangunan); dan Peringkat Kelima (Pengurusan Warisan). Semakan Audit terhadap projek pemuliharaan bangunan bersejarah mendapati, tahap ketidakpatuhan rangka kerja pemuliharaan bangunan bersejarah adalah antara 47 hingga 73% seperti di **Carta 45.1**.

CARTA 45.1
TAHAP KETIDAKPATUHAN TERHADAP RANGKA KERJA PEMULIHARAAN



45.5.7.3. Dasar Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Tinggalan Sejarah

Bahagian II, Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Warisan, Akta Warisan Kebangsaan 2005 di bawah seksyen 3(1) menyatakan bahawa "Tertakluk kepada sub seksyen (2), Menteri hendaklah bertanggungjawab menyediakan atau mengeluarkan dasar, pernyataan atau arahan berkenaan apa-apa perkara, urusan, strategi atau pengendalian pemuliharaan dan pemeliharaan warisan". Manakala satu Pelan Pengurusan Pemuliharaan hendaklah diadakan seperti yang dikehendaki oleh seksyen 46(1) Akta Warisan Kebangsaan 2005. Semakan Audit mendapati JWN masih belum menetapkan sebarang dasar dan Pelan Pengurusan Pemuliharaan berhubung dengan pemuliharaan dan pemeliharaan tinggalan sejarah.

Maklum Balas Jabatan Warisan Negara Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Garis panduan konservasi akan digunakan secara rasmi dan telah mematuhi semua peringkat rangka kerja. JWN menyatakan akan merujuk kepada Akta Warisan 2005 walaupun tiada dasar berkaitan pemuliharaan warisan.

Pada pendapat Audit, semua prosedur dan proses kerja berkaitan pemuliharaan dan pemugaran tinggalan sejarah perlu mematuhi kehendak ICOMOS dan Piagam Burra serta diluluskan secara rasmi. Selain itu, JWN perlu menetapkan dasar berhubung dengan pemuliharaan dan pemeliharaan warisan. Satu Pelan Pengurusan Pemuliharaan seperti yang dikehendaki oleh seksyen 46(1) Akta Warisan Kebangsaan 2005 hendaklah diadakan dan dilaksanakan.

45.5.8. Mekanisme Pengurusan Dan Pemantauan Warisan

Antara fungsi JWN yang disebut dalam seksyen 6 (c), (h) dan (i) Akta Warisan Kebangsaan 2005 adalah untuk mengawasi dan menyelia pemuliharaan, pemeliharaan, pembaikpulihan, penyenggaraan, penggalakan, pemameran dan kemudahan akses warisan. Pemantauan ini melibatkan usaha-usaha penjagaan, penyenggaraan dan pembaikan bangunan bersejarah dari semasa ke semasa. Semakan Audit mendapati tiada mekanisme diwujudkan bagi maksud pemantauan pengurusan penyenggaraan bangunan bersejarah yang telah dipulihara. JWN tidak menguatkuasakan seksyen 42(2) Akta Warisan Kebangsaan 2005 mengenai kewajipan mengambil langkah untuk memastikan tapak warisan sentiasa dalam keadaan baik.

Pada pendapat Audit, JWN hendaklah mewujudkan mekanisme pemantauan bagi memastikan tinggalan sejarah sentiasa dalam keadaan baik.

45.6. SYOR AUDIT

Jabatan Warisan Negara sebagai agensi pelaksana perlu memastikan nilai wang (value for money) bagi setiap perbelanjaan yang dilakukan ke atas program pemuliharaan tinggalan sejarah menghasilkan output maksimum yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya JWN mengambil tindakan seperti berikut:

45.6.1. Menguatkuasakan konsep pendekatan pemuliharaan bangunan bersejarah, prinsip kerja, rangka kerja dan piawaian pemuliharaan bangunan bersejarah seperti yang dinyatakan dalam UNESCO *World Heritage Convention* dan yang ditetapkan dalam Piagam Burra oleh *International Charter for The Conservation and Restoration of Monument and Sites* (ICOMOS) Australia.

45.6.2. Mendokumentasikan, mengemaskinikan dan melengkapkan semua data dan maklumat tentang pelaksanaan kerja pemuliharaan bangunan bersejarah dari peringkat awal sebelum, semasa dan selepas pemuliharaan.

45.6.3. Menguatkuasakan mekanisme kawalan pengurusan kewangan bagi memastikan peraturan kewangan sentiasa dipatuhi dan melaksanakan siasatan lanjut dan syorkan tindakan tatatertib terhadap pegawai yang cuai dalam melaksanakan tugasnya sebagai penjawat awam.

45.6.4. Menilai semula prosedur dan proses kerja dengan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan serta memastikan sumber tenaga manusia digunakan secara optimum.

45.6.5. Mewujudkan mekanisme pemantauan dan penilaian prestasi bagi menilai dan mengukur pelaksanaan program telah mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan agar generasi akan datang berpeluang melihat dan menikmati warisan dalam bentuk sedia ada sebagaimana dibina ratusan tahun dahulu atau sekurang-kurangnya dalam bentuk suai guna seperti muzium, galeri, hotel dan lain-lain.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 368-376
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

46. JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
- PROGRAM SKIM BANTUAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

46.1. LATAR BELAKANG

46.1.1. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (Kementerian) yang bertanggungjawab untuk melaksanakan program bagi membantu membangunkan golongan yang kurang bernasib baik ke arah kesejahteraan sosial. Antara program yang dilaksanakan bagi mencapai objektif JKM adalah Bantuan Kebajikan Masyarakat yang melibatkan 10 skim bantuan. Di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan, kesemua skim bantuan ini adalah dalam bentuk bantuan kewangan yang diberi kepada individu atau keluarga yang berkelayakan.

46.1.2. Objektif pemberian bantuan JKM adalah untuk membantu individu/keluarga yang tidak berkemampuan dan berkeperluan supaya dapat mengurangkan atau meringankan kesulitan kewangan mereka buat sementara waktu ataupun sehingga sesuatu tempoh setelah keadaan mereka dapat dipulihkan untuk berdikari. Jumlah keseluruhan penerima bantuan, peruntukan yang diluluskan dan perbelanjaan sebenar bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 46.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	PENERIMA BANTUAN (Orang)	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR	
			(RM Juta)	(%)
2009	353,889	774.77	765.25	98.8
2010	424,526	1,026.75	1,015.60	98.9
2011	457,724	1,210.70	1,199.11	99.0
JUMLAH		**3,012.22**	**2,979.96**	**98.9**

46.1.3. Bahagian Sosio-ekonomi Dan Bantuan di JKM bertanggungjawab menyelaras dan mengawal selia pelaksanaan program bantuan ini di semua negeri. Bagi urusan penerimaan permohonan, proses siasatan, kelulusan, pembayaran bantuan bulanan dan kajian semula kes, ia adalah di bawah tanggungjawab Unit Sosio-ekonomi Bantuan, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian (PKMD/J/B). Bagi memastikan program bantuan kebajikan ini diuruskan dengan sempurna, JKM peringkat Ibu Pejabat telah mengeluarkan pekeliling dalaman, arahan kerja dan prosedur kualiti yang berkaitan dengan pengendalian bantuan kebajikan seperti yang terkandung di dalam MS ISO 9001:2000.

46.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada Program Bantuan Kebajikan Masyarakat bagi 3 skim iaitu Bantuan Orang Tua (BOT), Elaun Pekerja Cacat (EPC) dan Bantuan Kanak-kanak (BKK) telah dilaksanakan dengan teratur dan cekap bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

46.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi penilaian terhadap pengurusan Program Bantuan Kebajikan Masyarakat bagi 3 skim utama iaitu BOT, EPC dan BKK bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Penilaian yang dibuat antaranya meliputi kelayakan penerima bantuan, aspek kelulusan permohonan, kajian semula kes dan pengagihan bantuan. Pemeriksaan Audit dijalankan di JKM peringkat ibu pejabat dan 4 JKM negeri iaitu di Kedah, Kelantan, Melaka dan Sarawak serta 8 PKMD/J/B.

46.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak 719 fail individu penerima bantuan (fail kes) di samping dokumen-dokumen lain seperti daftar permohonan, laporan siasatan, minit kelulusan dan rekod bayaran. Selain itu, temu bual dengan pegawai JKM dan penerima bantuan dijalankan bagi mendapat maklumat dan pengesahan berhubung bantuan yang disalurkan. Lawatan juga dijalankan ke 33 tempat kediaman/pejabat yang dipilih sebagai sampel Audit bagi tujuan pengesahan kelayakan penerima bantuan.

46.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2011 mendapati masih terdapat kelemahan dalam pengurusan program ini di mana isu yang pernah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 masih lagi berlaku di 8 PKMD/J/B yang dilawati seperti ditunjukkan di **Jadual 46.2**. Antara kelemahan yang masih berlaku ialah seperti berikut:

i. proses siasatan bagi 114 (33.4%) daripada 341 permohonan tidak dapat diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan;
ii. pemakluman keputusan bagi 275 (57.1%) daripada 482 permohonan melewati Piagam Pelanggan yang ditetapkan dengan kelewatan antara 8 hingga 910 hari;
iii. kajian semula terhadap penerima bantuan sedia ada tidak dijalankan dalam tempoh yang sepatutnya;
iv. wang bantuan yang tidak dapat diagihkan berjumlah RM1.58 juta melibatkan 778 baucar lewat dimasukkan ke akaun bank Kerajaan antara 7 hingga 245 hari; dan
v. sistem e-Bantuan tidak digunakan sepenuhnya.

JKM telah mengambil inisiatif untuk memperkemaskan pengurusan Skim Bantuan Kebajikan Masyarakat ini sepertimana penjelasan bertulis yang diberikan kepada pihak Audit pada bulan Mac 2010, namun tindakan yang diambil belum mendatangkan kesan sepenuhnya. Ini kerana sistem e-Bantuan yang dijangka dapat menyelesaikan sebahagian besar isu berbangkit tidak digunakan secara optimum akibat kekangan tertentu seperti talian sibuk dan *server down* yang menyebabkan masa yang lama diambil untuk memproses sesuatu kes. Selain itu, masalah bebanan kerja pegawai/kakitangan PKMD/J/B akibat pertambahan bilangan kes/kajian semula kes setiap tahun masih belum diatasi di mana tiada pertambahan jawatan di PKMD/J/B setakat akhir tahun 2011. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan serta ulasan JKM adalah seperti di perenggan berikut:

JADUAL 46.2
PERBANDINGAN ISU AUDIT YANG DIBANGKITKAN PADA TAHUN 2009 DAN 2011

ISU AUDIT YANG DIBANGKITKAN	ISU DIBANGKITKAN DALAM PENGAUDITAN TAHUN 2009:	ISU DIBANGKITKAN DALAM PENGAUDITAN TAHUN 2011:
	PKMD/J/B Batu Pahat, Johor PKMD/J/B Kota Tinggi, Johor PKMD/J/B Kota Kinabalu, Sabah PKMD/J/B Beaufort, Sabah PKMD/J/B Petaling, Selangor PKMD/J/B Kuala Selangor, Selangor PKMD/J/B Kinta, Perak PKMD/J/B Kerian, Perak PKMD/J/B Kota Bharu, Kelantan PKMD/J/B Machang, Kelantan	PKMD/J/B Tanah Merah, Kelantan PKMD/J/B Pasir Mas, Kelantan PKMD/J/B Kota Setar, Kedah PKMD/J/B Langkawi, Kedah PKMD/J/B Melaka Tengah, Melaka PKMD/J/B Jasin, Melaka PKMD/J/B Kuching, Sarawak PKMD/J/B Sibu, Sarawak
	BIL. SAMPEL: 830 KES	BIL. SAMPEL: 719 KES
Proses siasatan tidak dapat diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan.	✓	✓
Pemakluman keputusan permohonan bantuan kepada pemohon melewati tempoh yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan.	✓	✓
Kelemahan dalam proses kajian semula kes.	✓	✓
Kelemahan dalam menguruskan pengagihan bantuan.	✓	✓
Sistem e-Bantuan tidak digunakan sepenuhnya.	✓	✓

46.5.1. Penilaian *Outcome*

Apabila sesuatu program dirancang dan dijalankan, penilaian *outcome* terhadap program tersebut hendaklah dijalankan bagi menilai keberkesanan pelaksanaan dan mengukur sejauh mana rakyat menikmati faedah melalui program tersebut. Berdasarkan semakan Audit, didapati pihak JKM belum membuat penilaian *outcome* terhadap program Skim Bantuan Kebajikan Masyarakat. Ini kerana tiada statistik yang dapat dikemukakan oleh JKM yang menyatakan sejauh mana program ini telah membantu penerima bantuan dalam mengurangkan kemiskinan atau keluar dari kesulitan hidup.

Maklum Balas Jabatan Kebajikan Masyarakat Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Satu perbincangan dalaman antara Bahagian Pengurusan, Bahagian Pembangunan Sosio-ekonomi dan Bantuan serta Bahagian Perancangan dan Pembangunan akan diadakan pada 15 Jun 2012 untuk membincangkan isu mengenai pelaksanaan kajian penilaian outcome tersebut.

Pada pendapat Audit, penilaian *outcome* perlu dilaksanakan untuk menentukan keberkesanan dan pencapaian objektif program. Ini bagi memastikan pencapaiannya adalah selaras dengan Bidang Keberhasilan Utama Negara di bawah Pelan Transformasi Kerajaan.

46.5.2. Kelemahan Dalam Menguruskan Permohonan Bantuan

46.5.2.1. Piagam Pelanggan JKM menetapkan setiap permohonan bagi skim BOT, EPC dan BKK hendaklah siap disiasat dalam tempoh 2 minggu dari tarikh permohonan diterima dan keputusan permohonan perlu dimaklumkan dalam masa satu bulan dari tarikh permohonan diterima. Sebelum sesuatu permohonan diluluskan, Pegawai Kes perlu menjalankan 2 peringkat siasatan terhadap pemohon iaitu siasatan awal dan siasatan terperinci bagi mengesahkan kelayakan pemohon. Siasatan awal dijalankan bagi menentukan kelayakan pemohon dan jenis bantuan yang boleh disalurkan.

Manakala siasatan terperinci dibuat dengan cara mengadakan lawatan ke rumah pemohon bertujuan untuk menilai keadaan sosio-ekonomi dan kehidupan pemohon. Semakan Audit terhadap 719 permohonan yang telah diluluskan mendapati tempoh siasatan bagi 378 (52.6%) permohonan tidak dapat ditentukan kerana maklumat dalam fail pemohon yang tidak lengkap. Maklumat penting seperti tarikh permohonan dan tarikh siasatan tidak dicatatkan dalam borang permohonan/borang siasatan menyebabkan tempoh yang diambil untuk memproses permohonan ini tidak dapat ditentukan. Manakala proses siasatan bagi 114 (33.4%) daripada 341 permohonan tidak dapat diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan di mana berlaku kelewatan antara 8 hingga 835 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 46.3
PROSES SIASATAN LEWAT DISELESAIKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

NEGERI	PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH/ JAJAHAN/ BAHAGIAN	BIL. KES DISEMAK	MAKLUMAT LENGKAP (Bil. Fail)	BIL. KES LEWAT DIJALANKAN SIASATAN	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	KELEWATAN BERBANDING FAIL LENGKAP YANG DISEMAK (%)	MAKLUMAT TIDAK LENGKAP (Bil. Fail)
Kelantan	Tanah Merah	89	28	-	-	-	61
	Pasir Mas	90	50	-	-	-	40
Kedah	Kota Setar	90	26	14	8 - 314	53.8	64
	Langkawi	89	34	5	9 - 60	14.7	55
Melaka	Melaka Tengah	91	72	44	11 - 519	61.1	19
	Jasin	90	46	7	44 - 140	15.2	44
Sarawak	Kuching	91	69	41	13 - 835	59.4	22
	Sibu	89	16	3	19 - 127	18.8	73
JUMLAH		**719**	**341**	**114**	**8 - 835**	**33.4**	**378**

46.5.2.2. Berdasarkan temu bual dengan Pegawai Kebajikan Masyarakat di PKMD/J/B, kelewatan ini disebabkan kegagalan pemohon menghadirkan diri pada tarikh temu janji yang telah ditetapkan. Terdapat juga kes di mana pemohon tiada di rumah semasa lawatan dibuat atau rumah pemohon tidak dapat dikesan berdasarkan alamat pada borang permohonan. Selain masalah dengan pemohon, bebanan tugas pegawai kes juga merupakan antara faktor yang menyebabkan kelewatan. Ini kerana selain menjalankan siasatan, pegawai kes juga terlibat dengan tugas agihan bantuan serta perlu menjalankan kajian semula kes bagi bantuan yang tamat tempoh.

Maklum Balas Jabatan Kebajikan Masyarakat Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Antara tindakan penambahbaikan yang telah diambil bagi mempercepatkan proses siasatan adalah seperti berikut:

a. ***Membentuk pasukan task-force bagi menyelesaikan permohonan yang masih tertunggak.***
b. ***Menjalankan proses temu duga dengan pemohon secara berkelompok bagi mempercepatkan tindakan seterusnya.***
c. ***Bekerjasama dengan wakil penduduk dan pemimpin tempatan bagi membuat tapisan awal kelayakan pemohon.***

46.5.2.3. Mengikut Piagam Pelanggan JKM, keputusan permohonan bagi skim BOT, EPC dan BKK sama ada diluluskan atau ditolak hendaklah dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh sebulan dari tarikh permohonan diterima. Semakan Audit terhadap 719 permohonan yang telah diluluskan di 8 PKMD/J/B mendapati berlaku kelewatan antara 8 hingga 910 hari untuk memaklumkan keputusan permohonan

kepada penerima bantuan bagi 275 kes (57.1%) berbanding 482 kes. Bagi 237 kes lagi, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada berlaku kelewatan untuk memaklumkan keputusan permohonan memandangkan surat pemakluman yang dimasukkan dalam fail pemohon tidak dicatatkan tarikh. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 46.4
KELULUSAN PERMOHONAN LEWAT DIMAKLUMKAN KEPADA PEMOHON
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

NEGERI	PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH/ JAJAHAN/ BAHAGIAN	BIL. FAIL DISEMAK	MAKLUMAT LENGKAP (Bil. Fail)	BIL. KES LEWAT DIMAKLUM	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	KELEWATAN BERBANDING FAIL LENGKAP YANG DISEMAK (%)	MAKLUMAT TIDAK LENGKAP (Bil. Fail)
Kelantan	Tanah Merah	89	46	21	8 - 179	45.7	43
	Pasir Mas	90	75	21	8 - 188	28.0	15
Kedah	Kota Setar	90	49	35	12 - 575	71.4	41
	Langkawi	89	50	27	9 - 297	54.0	39
Melaka	Melaka Tengah	91	70	44	9 - 366	62.9	21
	Jasin	90	53	18	9 - 237	34.0	37
Sarawak	Kuching	91	86	63	10 - 910	73.3	5
	Sibu	89	53	46	10 - 327	86.8	36
JUMLAH		**719**	**482**	**275**	**8 - 910**	**57.1**	**237**

Maklum Balas Jabatan Kebajikan Masyarakat Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Antara tindakan penambahbaikan yang diambil untuk mengelakkan kelewatan memaklumkan keputusan permohonan kepada pemohon ialah dengan memperkenalkan penggunaan Bulk SMS mulai tahun 2012 di semua PKMD/J/B. Inisiatif ini membolehkan keputusan dimaklumkan kepada pemohon dengan cepat dan kemudian disusuli dengan surat pemakluman keputusan secara rasmi. JKM turut membuat permohonan pindaan dalam Prosedur Kualiti Utama 17, MS ISO 9001:2008 supaya Bulk SMS ini digunakan sebagai alternatif untuk memaklumkan keputusan. Penggunaan Bulk SMS ini dijangka mampu memberi maklum balas segera kepada pemohon bantuan.

Pada pendapat Audit, proses meluluskan permohonan bantuan masih mempunyai kelemahan yang boleh menjejaskan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Di samping itu, kelemahan penyelenggaraan rekod bantuan yang semakin meningkat menunjukkan ketidakcekapan pegawai terlibat dan menyebabkan penilaian terhadap pengurusan program ini tidak dapat dilakukan selaras dengan ketetapan Piagam Pelanggan.

Maklum Balas Jabatan Kebajikan Masyarakat Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Sebagai langkah penambahbaikan bagi mengatasi masalah dokumen sokongan tidak lengkap dalam fail individu pemohon, JKM telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua PKMD/J/B supaya memastikan semakan dibuat ke atas semua fail kes. Selain itu, PKMD/J/B juga diminta menyediakan senarai semak lengkap bagi kes baru agar semua dokumen yang diperlukan di kandung dengan sempurna dalam fail kes.

46.5.2.4. Kajian semula terhadap penerima bantuan sedia ada perlu dilaksanakan bagi menentukan sama ada bantuan boleh diteruskan atau diberhentikan. Selain itu, ia juga bertujuan mengkaji semula kadar bantuan di bawah Skim Bantuan Kanak-kanak serta mengemas kini maklumat penerima bantuan bagi mengelakkan pembayaran kepada

penerima yang telah meninggal dunia. Kajian semula tersebut hendaklah dijalankan setiap tahun iaitu sekurang-kurangnya 2 bulan sebelum tempoh kelulusan bantuan yang terdahulu tamat. Secara keseluruhannya, semakan Audit mendapati kajian semula kes terhadap penerima bantuan bagi tahun 2009 hingga 2011 telah dilaksanakan, namun terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

a. Semakan Audit mendapati bantuan berjumlah RM83,050 masih diteruskan kepada 60 (8.3%) penerima bagi tempoh antara satu hingga 14 bulan sungguhpun kajian semula kes tersebut belum diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa. Bilangan kes mengikut PKMD/J/B adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 46.5
BAYARAN BANTUAN DITERUSKAN SEBELUM KAJIAN SEMULA KES DILULUSKAN

NEGERI	PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH/ JAJAHAN/BAHAGIAN	BIL. PENERIMA BANTUAN	BAYARAN BANTUAN DITERUSKAN SEBELUM KAJIAN SEMULA KES DILULUSKAN	
			JUMLAH BANTUAN (RM)	TEMPOH BAYARAN (Bulan)
Kelantan	Tanah Merah	3	5,700	1 - 11
	Pasir Mas	-	-	-
Kedah	Kota Setar	13	14,200	1 - 12
	Langkawi	-	-	-
Melaka	Melaka Tengah	-	-	-
	Jasin	1	4,050	9
Sarawak	Kuching	9	14,400	1 - 14
	Sibu	34	44,700	1 - 12
JUMLAH		**60**	**83,050**	**1 - 14**

b. Sebanyak 105 kes tidak dibuat kajian semula di PKMJ Tanah Merah (42 kes); PKMJ Pasir Mas (1 kes); PKMD Kota Setar (19 kes); PKMD Langkawi (1 kes); PKMD Melaka Tengah (2 kes); PKMD Jasin (3 kes); JKMB Kuching (24 kes) dan JKMB Sibu (13 kes). Bagaimanapun, bantuan berjumlah RM226,200 telah dibayar kepada penerima bagi tempoh satu hingga 18 bulan. Pihak Audit juga mendapati tiada pemantauan daripada pihak pengurusan bagi memastikan kajian semula ini dibuat dalam tempoh yang ditetapkan. Kedudukan kes yang tidak dibuat kajian semula adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 46.6
BAYARAN BANTUAN DITERUSKAN WALAUPUN KAJIAN SEMULA KES TIDAK DILAKSANAKAN

NEGERI	PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH/ JAJAHAN/BAHAGIAN	BIL. PENERIMA BANTUAN	BAYARAN BANTUAN DITERUSKAN WALAUPUN KAJIAN SEMULA TIDAK DILAKSANAKAN	
			JUMLAH BANTUAN (RM)	TEMPOH BAYARAN (Bulan)
Kelantan	Tanah Merah	42	105,750	1 - 18
	Pasir Mas	1	3,600	12
Kedah	Kota Setar	19	41,500	1 - 13
	Langkawi	1	600	2
Melaka	Melaka Tengah	2	5,100	5 - 12
	Jasin	3	7,800	6 - 12
Sarawak	Kuching	24	40,450	1 - 11
	Sibu	13	21,400	1 - 12
JUMLAH		**105**	**226,200**	**1 - 18**

Berdasarkan sampel yang disemak, pihak Audit berpendapat peratus ketidakpatuhan proses kajian semula kes adalah rendah. Bagaimanapun, semakan secara menyeluruh perlu dilakukan di semua PKMD/J/B bagi memastikan kajian semula dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan. Kegagalan melaksanakan kajian semula kes dalam tempoh ditetapkan boleh mengakibatkan objektif

pelaksanaannya iaitu untuk menentukan sama ada bantuan masih sesuai diteruskan bagi tempoh selanjutnya tidak dapat dicapai.

Maklum Balas Jabatan Kebajikan Masyarakat Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Antara faktor keputusan permohonan (kes baru dan kajian semula) lewat dimaklumkan kepada pemohon adalah seperti berikut:

a. ***Kelulusan permohonan bergantung kepada siasatan yang dijalankan oleh pegawai kes. Kelewatan siasatan secara langsung akan menyebabkan kelewatan dalam memberi kelulusan.***
b. ***Nisbah kes yang tinggi iaitu antara 200 hingga 600 kes bagi seorang pegawai kes yang merangkumi bantuan persekutuan dan negeri bermula daripada proses permohonan, siasatan, pengagihan wang bantuan dan kajian semula kes.***
c. ***Kuasa meluluskan permohonan yang hanya diberikan kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Gred S41 menyebabkan kelewatan meluluskan permohonan.***

Antara tindakan penambahbaikan yang telah diambil bagi mengatasi kelemahan yang berlaku adalah seperti berikut:

a. ***Kuasa melulus telah diberikan kepada Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Gred S32 mulai 1 Mac 2011 bagi mengatasi kelewatan dalam meluluskan permohonan. Selanjutnya, ia juga telah dipanjangkan kepada Gred S27 mulai akhir tahun 2011.***
b. ***Pemantauan oleh Bahagian Ekonomi Bantuan, JKM Negeri melalui sistem e-Bantuan untuk memantau kes-kes di PKMD/J/B yang tidak dapat diselesaikan pada setiap bulan bagi memastikan Piagam Pelanggan dipatuhi.***
c. ***Memantau pematuhan terhadap keperluan ISO 9001:2000 berhubung pengurusan Program Bantuan Kebajikan Masyarakat.***
d. ***Mengeluarkan surat peringatan kepada pegawai kes supaya kajian semula kes dilaksanakan setiap tahun.***

46.5.2.5. Pihak Audit mendapati impak daripada penurunan kuasa yang diberikan kepada pegawai Gred S32 ialah bilangan kes kelulusan lewat dimaklumkan kepada pemohon telah berkurangan iaitu daripada 112 kes pada tahun 2010 kepada 90 kes pada tahun 2011. Selanjutnya, pihak Audit di dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 telah membangkitkan isu bebanan kerja pegawai/kakitangan di PKMD/J/B yang merupakan antara faktor proses siasatan dan kelulusan tidak dapat diselesaikan/dimaklumkan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan. Bebanan kerja ini menjadi lebih kritikal setelah Program Cari diperkenalkan di mana bilangan pemohon bantuan meningkat dengan ketara sedangkan tiada pertambahan jawatan yang diluluskan. Lanjutan daripada isu tersebut, JKM pada tahun 2009 telah memohon kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menstrukturkan semula organisasinya di peringkat negeri dan daerah. Adalah didapati JPA dan Perbendaharaan Malaysia telah meluluskan waran perjawatan S220/2010 yang berkuat kuasa pada 1 Oktober 2010 melibatkan penambahan 1,886 perjawatan pelbagai gred. Bagaimanapun, penambahan jawatan yang diluluskan itu belum dibuat pengisian sehingga akhir tahun 2011.

Maklum Balas Jabatan Kebajikan Masyarakat Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Permohonan pengisian jawatan telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam antara bulan Januari hingga April 2012 melibatkan jawatan pelbagai gred seperti Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41; Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Gred S27 dan Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S17. Untuk menampung beban tugas semasa dan penubuhan institusi baru, JKM telah memohon penambahan jawatan sama ada berstatus tetap, kontrak atau sambilan. Pada tahun 2012, JKM juga telah menerima kelulusan JPA untuk melantik jawatan berikut:

a. ***Attendan Kesihatan Gred U3 (Contract for Service) seramai 218 orang.***
b. ***Pekerja Projek CARI (Contract for Service) seramai 543 orang.***
c. ***Pekerja Skim Perkhidmatan Singkat seramai 90 orang.***
d. ***Pekerja Sambilan Harian seramai 133 orang.***

46.5.3. Kelayakan Penerima Bantuan Kebajikan

Setiap permohonan yang didaftarkan perlu dijalankan siasatan untuk penilaian bagi mengesahkan kelayakan bantuan kepada pemohon. Proses ini bersesuaian dengan prinsip penyampaian bantuan yang berdasarkan kepada kelayakan dan bukan hak. Mengikut Garis Panduan Bantuan Kewangan Persekutuan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, terdapat 2 kategori kriteria yang perlu dipenuhi oleh pemohon bantuan iaitu kriteria am dan kriteria khusus. Kriteria am yang ditetapkan ialah pemohon adalah warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia; pendapatan keluarga tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan semasa serta pemohon merupakan golongan yang tidak berkemampuan/ berkeperluan berdasarkan kepada hasil siasatan yang dijalankan. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya pemohon yang telah diluluskan bantuan kebajikan telah mematuhi kriteria am yang ditetapkan. Bagaimanapun, beberapa kriteria khusus bagi skim BOT, BKK dan EPC tidak dipatuhi seperti yang dibangkitkan dalam perenggan berikut:

46.5.3.1. Kriteria kelayakan khusus bagi Skim Bantuan Orang Tua (BOT) ialah warga tua berumur 60 tahun ke atas; tiada mata pencarian untuk menyara hidup dan jika mempunyai keluarga, mereka tidak berkemampuan untuk menyara hidup warga tua tersebut. Pihak Audit telah menjalankan semakan terhadap daftar kelulusan/daftar bantuan di PKMD/J/B yang dilawati dan mendapati seramai 38 penerima bantuan BOT tidak memenuhi kriteria khusus yang ditetapkan kerana berumur kurang daripada 60 tahun. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 46.7
PENERIMA BANTUAN SKIM BOT YANG BERUMUR KURANG DARIPADA 60 TAHUN

NEGERI	PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH/ JAJAHAN/BAHAGIAN	BIL. PENERIMA BANTUAN	TAHUN BANTUAN DILULUSKAN	JULAT UMUR PENERIMA BANTUAN SEMASA BANTUAN DILULUSKAN
Melaka	Melaka Tengah	19	2009 - 2011	35 - 59
	Jasin	18	2009 - 2011	39 - 59
Sarawak	Sibu	1	2010	59
JUMLAH		**38**	**2009 - 2011**	**35 - 59**

Maklum Balas Jabatan Kebajikan Masyarakat Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Perkara ini berpunca daripada kesilapan pegawai kes mengira umur klien semasa siasatan dijalankan. Kes yang tidak layak telah ditamatkan serta-merta dan disyorkan bantuan lain yang bersesuaian.

46.5.3.2. Tujuan Elaun Pekerja Cacat (EPC) diberikan antaranya adalah sebagai insentif untuk menggalakkan OKU bekerja, hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif. Bagi melayakkan OKU menerima bantuan ini, beberapa kriteria khusus yang ditetapkan perlu dipatuhi iaitu OKU hendaklah seorang yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat; bekerja sendiri atau dengan majikan dan pendapatan di bawah RM1,200 sebulan serta tidak tinggal di institusi yang telah disediakan kemudahan tempat tinggal, makan/minum dan pakaian percuma. Berdasarkan semakan fail individu penerima bantuan, pihak Audit mendapati sebanyak 35 (14.8%) penerima bantuan tidak mempunyai pengesahan pendapatan sama ada yang bekerja dengan majikan atau bekerja sendiri. Ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada penerima bantuan telah memenuhi kriteria khusus yang ditetapkan di bawah skim EPC. Lawatan Audit juga telah dijalankan di 14 rumah/tempat bekerja penerima bantuan di bawah skim ini untuk mengesahkan jenis pekerjaan yang dilakukan oleh penerima bantuan EPC. Adalah didapati 11 penerima bantuan disahkan bekerja manakala bagi 3 penerima bantuan yang ditemui di rumah, tiada bukti menunjukkan mereka melakukan sebarang pekerjaan. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 46.8
PENERIMA BANTUAN SKIM EPC YANG TIDAK MEMPUNYAI PENGESAHAN PENDAPATAN

NEGERI	PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH/JAJAHAN/ BAHAGIAN	2009		2010		2011		JUMLAH	
		a	b	a	b	a	b	a	b
Kelantan	Tanah Merah	10	4	10	4	9	2	29	10
	Pasir Mas	9	1	9	2	10	-	28	3
Kedah	Kota Setar	10	-	10	-	10	-	30	-
	Langkawi	10	-	10	-	10	-	30	-
Melaka	Melaka Tengah	10	1	10	1	10	-	30	2
	Jasin	10	3	10	1	10	1	30	5
Sarawak	Kuching	10	2	10	4	10	-	30	6
	Sibu	10	5	10	2	10	2	30	9
JUMLAH		**79**	**16**	**79**	**14**	**79**	**5**	**237**	**35**

Nota: ***a. Bilangan Fail Disemak***
b. Bilangan Penerima Bantuan Yang Tidak Mempunyai Pengesahan Pendapatan

Maklum Balas Jabatan Kebajikan Masyarakat Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Antara tindakan penambahbaikan yang diambil ialah seperti berikut:

a. Mewujudkan senarai semak permohonan bantuan untuk rujukan pegawai kes.

b. Menetapkan pengesahan pendapatan terkini dikemukakan oleh penerima bantuan setiap kali kajian semula kes dijalankan.

c. Mengemas kini fail individu penerima bantuan untuk mengenal pasti penerima bantuan yang tiada pengesahan pendapatan dan seterusnya mendapatkan pengesahan pendapatan daripada penerima bantuan yang belum mengemukakannya.

Pada pendapat Audit, kelulusan bantuan kepada golongan yang tidak memenuhi kriteria ditetapkan adalah bertentangan dengan prinsip penyampaian bantuan berdasarkan kepada 'kelayakan dan bukan hak' sepertimana yang digariskan dalam panduan JKM.

46.5.4. Pengurusan Pengagihan Bantuan

PKMD/J/B akan menyediakan senarai penerima bantuan dan mengemukakannya kepada JKM Negeri pada setiap bulan. Bantuan kebajikan dibayar secara tunai atau dibankkan ke

akaun penerima. Pembayaran secara tunai dibuat di pusat bayaran yang ditetapkan seperti PKMD/J/B dan Pejabat Penghulu mengikut tarikh temu janji yang dicatatkan pada kad bantuan penerima. Penerima dikehendaki hadir pada tarikh yang ditetapkan dan sekiranya gagal, tuntutan boleh dibuat di PKMD/J/B dalam masa 21 hari. Bagi penerima uzur atau tidak berupaya untuk hadir di pusat bayaran, Pegawai Kes akan ke rumah mereka untuk menyerahkan bantuan berkenaan. Semakan Audit mendapati secara umumnya pemberian bantuan telah dibuat dengan teratur kecuali perkara-perkara berikut:

46.5.4.1. Mengikut Prosedur Kualiti JKM Utama 17, semua PKMD/J/B perlu memohon secara bertulis kepada Ketua Balai Polis Daerah/Jajahan bagi mendapatkan eskot polis pada hari bayaran untuk mengiringi ke bank dan tempat bayaran. Secara puratanya, jumlah wang yang dibawa untuk diagihkan adalah antara RM15,000 hingga RM546,000. Semakan Audit mendapati hanya PKMD/J/B Melaka Tengah; Jasin; Tanah Merah; Sibu dan Kota Setar ada mengemukakan surat permohonan untuk mendapatkan eskot polis kepada Ketua Balai Polis Daerah yang berkenaan. Bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian Audit di PKMD/J/B tersebut, didapati hanya PKMD Melaka Tengah dan Jasin mendapat khidmat eskot polis yang dipohon, manakala bagi daerah-daerah lain yang telah memohon eskot polis, pihak Audit mendapati tiada pegawai polis yang mengiringi ke bank dan tempat bayaran semasa pengagihan bantuan dibuat. Berdasarkan temu bual dan surat-menyurat yang disemak, didapati berlaku keadaan di mana pihak polis tidak dapat memberi bantuan anggotanya dalam semua permohonan yang dibuat oleh PKMD/J/B. Ini adalah kerana pihak polis juga mempunyai kekangan dari segi bilangan keanggotaan di peringkat negeri dan daerah terutamanya apabila berlaku pertembungan program-program tempatan yang memerlukan perkhidmatan pihak polis untuk mengawal keadaan. Selanjutnya, pihak Audit tidak menemui bukti yang menunjukkan PKMD/J/B Langkawi; Pasir Mas dan Kuching ada memohon untuk mendapatkan perkhidmatan eskot polis.

Maklum Balas Jabatan Kebajikan Masyarakat Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Keselamatan wang tunai sentiasa diberi perhatian utama dan bagi menangani isu keselamatan ini, JKM menyasarkan 80% bayaran bantuan diuruskan melalui bank. Hanya penerima bantuan yang tidak berupaya dibayar secara tunai.

46.5.4.2. Arahan Perbendaharaan 96(c) menetapkan sekiranya bantuan tidak dapat diagihkan dalam masa 21 hari, wang tersebut mestilah dengan serta merta dimasukkan ke dalam Akaun Bank Kerajaan dan baucar yang berkaitan hendaklah dihantar kepada Perbendaharaan Malaysia atau Perbendaharaan Kecil. Adalah didapati PKMD Kota Setar tidak dapat mengemukakan maklumat yang lengkap berhubung rekod keluar-masuk wang bantuan kepada pihak Audit bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. PKMB Kuching pula tidak dapat mengemukakan maklumat yang lengkap bagi tahun 2009 dan 2010 manakala PKMB Sibu tidak mengemukakan maklumat lengkap bagi tahun 2009. Semakan Audit mendapati wang bantuan yang tidak dapat diagihkan di PKMD/J/B telah diserahkan kepada JKM Negeri terlebih dahulu untuk dimasukkan ke dalam Akaun Bank Kerajaan. Bagaimanapun, mulai bulan April 2011, PKMD/J/B ini telah dijadikan sebagai PTJ dan dengan itu urusan kemasukan wang bantuan ke bank telah dilaksanakan secara terus oleh PKMD/J/B berkenaan (tidak lagi melalui JKM Negeri). Berdasarkan maklumat lengkap yang dikemukakan, pihak Audit mendapati wang bantuan yang tidak dapat diagihkan berjumlah RM1.58 juta melibatkan 778 baucar telah lewat dimasukkan ke Akaun Bank Kerajaan. Kelewatan juga masih berlaku bagi bulan Mei dan Julai 2011 iaitu selepas PKMD/J/B dijadikan sebagai PTJ. Tempoh kelewatan adalah antara 7 hingga 245 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 46.9
WANG BANTUAN YANG TIDAK DITUNTUT LEWAT DIMASUKKAN KE AKAUN BANK KERAJAAN

NEGERI	PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH/ JAJAHAN/ BAHAGIAN	2009			2010			2011			JUMLAH	
		a	b (RM)	c (Hari)	a	b (RM)	c (Hari)	a	b (RM)	c (Hari)	a	b (RM)
Kelantan	Tanah Merah	68	42,200	7 - 29	53	26,200	7 - 43	1	306	10	122	68,706
	Pasir Mas	59	20,450	8 - 11	86	36,400	7 - 9	-	-	-	145	56,850
Kedah	Kota Setar	Maklumat Yang Lengkap Tidak Dikemukakan										
	Langkawi	22	18,600	13 - 182	34	41,000	7 - 46	16	39,700	7 - 26	72	99,300
Melaka	Melaka Tengah	49	332,350	8 - 77	127	218,300	7 - 43	34	47,700	7 - 28	210	598,350
	Jasin	62	180,950	10 - 245	83	200,790	7 - 42	48	108,303	8 - 55	193	490,043
Sarawak	Kuching	Maklumat Yang Lengkap Tidak Dikemukakan						1	1,200	84	1	1,200
	Sibu	Maklumat Yang Lengkap Tidak Dikemukakan			14	167,550	20 - 97	21	96,700	7 - 59	35	264,250
JUMLAH		**260**	**594,550**	**7 - 245**	**397**	**690,240**	**7 - 97**	**121**	**293,909**	**7 - 59**	**778**	**1,578,699**

Nota: ***a. Bilangan Baucar***
b. Jumlah Bantuan Tidak Dituntut Yang Lewat Dimasukkan Ke Akaun Bank Kerajaan
c. Bil Hari Lewat

Maklum Balas Jabatan Kebajikan Masyarakat Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Mengikut maklum balas JKM, kelewatan memasukkan wang yang tidak dapat diagihkan ke akaun bank Kerajaan adalah disebabkan beberapa faktor seperti penerima bantuan gagal hadir pada tarikh yang telah ditetapkan atau penerima bantuan tiada di rumah semasa agihan dibuat. Sebagai langkah penambahbaikan, tindakan berikut telah diambil:

a. Memastikan peningkatan pembayaran bantuan melalui bank untuk mengelakkan berlakunya kelewatan pengembalian wang bantuan ke akaun bank Kerajaan.

b. Memberikan surat tunjuk sebab kepada pegawai yang lewat mengembalikan wang bantuan ke akaun bank Kerajaan mulai tahun 2010 sebagai langkah pencegahan dan peringatan.

46.5.5. Sistem e-Bantuan

Pada tahun 2007, JKM telah membangunkan Sistem e-Bantuan dengan kos keseluruhan berjumlah RM4.50 juta. Tujuannya ialah untuk memudahkan permohonan didaftarkan, disiasat dan diluluskan; melancarkan proses pembayaran serta memudahkan penjanaan surat dan laporan. Semakan Audit mendapati sistem ini tidak digunakan dengan sepenuhnya oleh Pejabat-pejabat Kebajikan Masyarakat yang dilawati yang mana kebanyakannya masih menggunakan sistem manual kecuali Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Kuching dan Sibu yang menggunakan *System Welfare Assistant Management* (SWAM) sepenuhnya. Hasil temu bual pihak Audit dengan pegawai JKM di daerah-daerah yang dilawati, kebanyakannya menyatakan bahawa sistem ini mengalami pelbagai gangguan seperti talian sibuk, *server down, lagging* dan lain-lain. Selain itu, sistem juga mengambil masa yang agak lama untuk memproses sesuatu kes. Berikut adalah hasil ujian yang dijalankan oleh pihak Audit terhadap sistem e-Bantuan di PKMD/J/B yang dilawati:

JADUAL 46.10
STATUS KEWUJUDAN FAIL KES DALAM SISTEM e-BANTUAN

NEGERI	PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH/JAJAHAN/ BAHAGIAN	BIL. FAIL DISEMAK	KEWUJUDAN FAIL KES DALAM SISTEM e-BANTUAN		CATATAN
			ADA	TIADA	
Kelantan	Tanah Merah	0	-	-	Ujian Tidak Dapat Dijalankan Kerana Sistem e-Bantuan Terlalu Perlahan Semasa Pemeriksaan Audit.
	Pasir Mas	0	-	-	Tiada Semakan Dijalankan.
Kedah	Kota Setar	0	-	-	Ujian Tidak Dapat Dijalankan Kerana Sistem e-Bantuan Terlalu Perlahan Semasa Pemeriksaan Audit.
	Langkawi	25	11	14	
Melaka	Melaka Tengah	28	10	18	
	Jasin	30	3	27	
JUMLAH		**83**	**24**	**59**	

Maklum Balas Jabatan Kebajikan Masyarakat Yang Diterima Pada 8 Jun 2012

Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah mengeluarkan e-mel dan surat arahan kepada PKMD/J/B bertarikh 27 Januari 2010 untuk menggunakan sistem e-bantuan dengan sepenuhnya. Selain itu, tindakan proaktif turut diadakan pada tahun 2011 untuk memastikan pengemaskinian data-data dalam sistem e-Bantuan dan memastikan penggunaannya mencapai tahap 100%.

46.6. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan sistem penyampaian Skim Bantuan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat/Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah disyorkan supaya mengambil tindakan seperti berikut:

46.6.1. Sungguhpun masalah utama iaitu bebanan kerja pegawai/kakitangan di PKMD/J/B masih belum dapat diatasi, Kementerian/JKM perlu mengenal pasti mekanisme yang bersesuaian untuk mengatasi kelemahan yang berlaku dalam proses siasatan, kelulusan, kajian semula kes dan pengagihan wang bantuan. Antaranya ialah dengan mencari penyelesaian terhadap masalah sistem e-Bantuan dan seterusnya meningkatkan penggunaannya di PKMD/J/B sehingga mencapai tahap 100%.

46.6.2. Melaksanakan semakan secara menyeluruh di semua PKMD/J/B bagi memastikan kajian semula dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan. Kegagalan melaksanakan kajian semula kes dalam tempoh ditetapkan boleh mengakibatkan objektif pelaksanaannya iaitu untuk menentukan sama ada bantuan masih sesuai diteruskan bagi tempoh selanjutnya tidak dapat dicapai.

46.6.3. Memastikan PKMD/J/B menyelenggarakan rekod dan dokumen yang berkaitan dengan teratur dan kemas kini untuk mengelakkan pertindihan kelulusan dan pembayaran bantuan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 377-384 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

47. PENGURUSAN SKIM LATIHAN AKADEMIK IPTA

47.1. LATAR BELAKANG

47.1.1. Teras ke-2 Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) adalah "Meningkatkan Keupayaan Pengetahuan dan Inovasi Negara serta Memupuk Minda Kelas Pertama". Dalam tempoh RMKe-9, usaha dipergiatkan untuk membangunkan modal insan demi memacu transformasi negara ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan. Untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan menyasarkan 60 peratus daripada jumlah anggota akademik Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) berkelayakan Doktor Falsafah (PhD) atau setarafnya (Sarjana Perubatan) menjelang tahun 2010.

47.1.2. Setakat 30 April 2006, terdapat 18,810 anggota akademik IPTA dan hanya 6,239 (33.2%) daripada mereka adalah berkelayakan PhD atau Sarjana Perubatan. Selaras dengan matlamat untuk terus meningkatkan kualiti anggota akademik IPTA, Kerajaan telah meluluskan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) dengan peruntukan berjumlah RM1.006 bilion di bawah RMKe-9.

47.1.3. Bagi memastikan matlamat RMKe-9 tercapai, Kementerian Pengajian Tinggi (Kementerian) yang bertanggungjawab menguruskan SLAI merancang untuk menaja seramai 6,103 anggota akademik IPTA untuk tempoh tahun 2006 hingga 2008.

47.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Skim Latihan Akademik IPTA telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta memenuhi keperluannya bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

47.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini merangkumi pengurusan SLAI bagi tempoh tahun 2006 hingga 2011 dan semakan telah dilakukan di Bahagian Biasiswa dan Bahagian Cuti Belajar IPTA, Kementerian serta 10 IPTA. IPTA yang terpilih ialah Universiti Malaysia Terengganu (UMT); Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA); Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM); Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); Universiti Teknologi Malaysia (UTM); Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM); Universiti Malaya (UM); Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

47.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan terhadap rekod dan dokumen berhubung dengan SLAI dan sebanyak 500 (11%) daripada keseluruhan anggota akademik IPTA yang ditaja seramai 4,885 orang telah dipilih sebagai sampel Audit. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat juga telah dilakukan. Bagi menilai keberkesanan program ini, pihak Audit telah membuat analisis terhadap borang soal selidik yang diedarkan kepada penerima tajaan.

47.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Disember 2011 mendapati secara umumnya, sasaran Skim Latihan Akademik IPTA di bawah RMKe-9 tidak tercapai kerana Kementerian hanya menaja seramai 3,517 (57.6%) anggota akademik IPTA daripada sasaran 6,103 orang bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008. Selain itu, pelaksanaan skim ini juga tidak teratur di mana terdapat kelemahan seperti berikut:

i. Sistem Maklumat Latihan yang tidak kemas kini telah mengakibatkan bayaran elaun kepada penerima tajaan yang tidak tepat;

ii. seramai 99 penerima tajaan yang telah melaporkan diri di IPTA masih belum menghantar tesis, sedang menulis tesis atau menunggu keputusan *viva* (peperiksaan lisan untuk tesis). Selain itu, seorang calon yang telah melaporkan diri pada tahun 2007 masih belum mengemukakan tesis;

iii. tiada bukti pelanjutan tempoh pengajian diluluskan/pelanjutan tempoh pengajian diluluskan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa; dan

iv. pemantauan kurang dilaksanakan terhadap kemajuan pengajian penerima tajaan oleh Kementerian.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

47.5.1. Prestasi Skim Latihan Akademik IPTA

47.5.1.1. Prestasi Kewangan

Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2011, Kerajaan telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM1.501 bilion kepada Kementerian untuk melaksanakan skim ini. Bagaimanapun untuk tempoh 6 tahun tersebut, Kementerian hanya berjaya membelanjakan sejumlah RM1.102 bilion (73.4%) daripada peruntukan yang diluluskan. Prestasi perbelanjaan skim adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 47.1
PRESTASI PERBELANJAAN SLAI BAGI TAHUN 2006 HINGGA 2011

TAHUN	PERUNTUKAN SEBENAR (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		SEBENAR (RM Juta)	(%)
2006	42.35	31.45	74.3
2007	240.00	118.39	49.3
2008	216.00	215.34	99.7
2009	334.50	264.44	79.1
2010	322.13	235.65	73.2
2011	345.94	236.63	68.4
JUMLAH	**1,500.92**	**1,101.90**	**73.4**

47.5.1.2. Pencapaian Skim

Sasaran Kementerian adalah untuk menaja seramai 6,103 anggota akademik IPTA untuk tempoh tahun 2006 hingga 2008 supaya mereka akan berkelayakan PhD atau Sarjana Perubatan pada akhir tahun 2010. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap pencapaian skim ini mendapati perkara berikut:

a. Daripada peruntukan yang diluluskan, Kementerian hanya membelanjakan sejumlah RM1.102 bilion (73.4%) untuk tempoh tahun 2006 hingga 2011. Ini disebabkan, antara lainnya, sasaran Kementerian untuk menaja seramai 6,103 anggota akademik IPTA tidak tercapai. Adalah didapati Kementerian hanya menaja seramai 3,517 (57.6%) anggota akademik IPTA daripada sasaran 6,103 bagi tempoh tahun

2006 hingga 2008. Prestasi penajaan skim ini bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 47.2
PRESTASI PENAJAAN SKIM LATIHAN AKADEMIK IPTA
BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

TAHUN	TAJAAN SKIM		
	SASARAN	SEBENAR	(%)
2006	1,250	261	20.9
2007	2,751	1,680	61.1
2008	2,102	1,576	74.9
JUMLAH	**6,103**	**3,517**	**57.6**

Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

Bilangan anggota akademik IPTA yang ditaja tidak mencapai angka yang disasarkan adalah kerana kekurangan calon yang layak, calon belum bersedia, masalah keluarga, melebihi had umur atau tidak berminat.

b. Bagi menyelesaikan masalah kekurangan calon, Kementerian telah menganjurkan program temu duga secara berpusat di United Kingdom, Australia dan New Zealand serta memperuntukkan kuota tajaan kepada IPTA mulai tahun 2008. Dengan kaedah ini, adalah didapati Kementerian telah berjaya menambah bilangan calon yang ditaja pada tahun 2008 hingga 2010. Daripada kuota sebanyak 2,430 calon untuk 10 IPTA terpilih, seramai 1,652 (68%) telah ditaja untuk tempoh tahun 2008 hingga 2010. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 47.3
PERUNTUKAN DAN PENGISIAN KUOTA TAJAAN DI IPTA

IPTA	2008		2009		2010		JUMLAH	
	A	B	A	B	A	B	A	B
UIAM	99	64	68	27	58	50	225	141
UiTM	260	182	97	107	166	154	523	443
UKM	145	108	80	43	45	40	270	191
UM	183	175	86	56	46	52	315	283
UMT	49	16	72	16	45	22	166	54
UniSZA	23	13	62	7	34	30	119	50
UPM	105	64	77	42	47	37	229	143
UPNM	18	3	50	7	34	10	102	20
UTHM	82	64	74	31	50	66	206	161
UTM	142	107	71	23	62	36	275	166
JUMLAH	**1,106**	**796**	**737**	**359**	**587**	**497**	**2,430**	**1,652**

Nota: ***A - Peruntukan Kuota Tajaan*** ***B - Pengisian Kuota***

c. Daripada 3,517 anggota akademik yang ditaja untuk tahun 2006 hingga 2008, Kementerian memaklumkan bahawa bilangan sebenar anggota akademik yang berjaya menamatkan pengajian PhD atau Sarjana Perubatan sehingga 1 April 2012 ialah seramai 794 orang (22.6%) seperti di jadual berikut:

JADUAL 47.4
STATUS PENGAJIAN ANGGOTA AKADEMIK YANG BERJAYA
MENAMATKAN PENGAJIAN SEHINGGA 1 APRIL 2012

TAHUN	JUMLAH TAJAAN	BELUM TAMAT PENGAJIAN	GAGAL/ LAIN-LAIN	TAMAT PENGAJIAN	% KELULUSAN
2006	261	137	2	122	46.7
2007	1,680	1,109	14	557	33.2
2008	1,576	1,439	22	115	7.3
JUMLAH	**3,517**	**2,685**	**38**	**794**	**22.6**

d. Daripada seramai 3,517 penerima tajaan tahun 2006 hingga 2008, semakan Audit telah dijalankan terhadap 241 (6.9%) penerima tajaan di 10 IPTA terpilih. Hasil daripada semakan ini, adalah didapati hanya seramai 62 (25.7%) penerima tajaan telah berjaya menamatkan pengajian, 159 orang (66%) belum menamatkan pengajian manakala 20 orang (8.3%) tidak berjaya kerana telah menarik diri, meninggal dunia atau meletak jawatan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 47.5
STATUS PENGAJIAN PENERIMA TAJAAN SLAI SEHINGGA TAHUN 2010

IPTA	BIL. YANG TELAH TAMAT PENGAJIAN	BIL. YANG BELUM TAMAT PENGAJIAN	BIL. YANG MENARIK DIRI, MENINGGAL DUNIA ATAU MELETAK JAWATAN
UIAM	4	14	0
UiTM	10	31	8
UKM	6	13	0
UM	14	28	6
UMT	3	10	1
UniSZA	6	9	0
UPM	10	10	1
UPNM	-	6	0
UTHM	2	18	3
UTM	7	20	1
JUMLAH	**62**	**159**	**20**

e. Daripada 159 penerima tajaan yang belum menamatkan pengajian pada akhir tahun 2010, adalah didapati mereka telah diberi pelanjutan tempoh pengajian antara satu sehingga 5 kali seperti ditunjukkan di jadual berikut:

JADUAL 47.6
PELANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN

TAHUN	LANJUTAN					JUMLAH
	PERTAMA	KEDUA	KETIGA	KEEMPAT	KELIMA	
2006	20	18	3	1	2	44
2007	39	24	1	0	0	64
2008	43	7	1	0	0	51
JUMLAH	**102**	**49**	**5**	**1**	**2**	**159**

Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

Kementerian telah mengambil inisiatif menggariskan beberapa strategi bagi memenuhi kuota yang dirancang dengan sokongan dan komitmen daripada setiap IPTA. Satu pelan tindakan telah disediakan mengenai kaedah memastikan sekurang-kurangnya 60% pensyarah mereka mempunyai kelayakan PhD atau setaraf selewat-lewatnya pada tahun 2015. Dasar Kementerian hanya memberikan pelanjutan sebanyak 3 kali sahaja. Bagaimanapun, dasar tersebut tidak menghalang IPTA untuk memberikan tempoh pelanjutan cuti belajar (tanpa biasiswa) kerana kuasa meluluskan cuti belajar adalah terletak di pihak berkuasa melantik (majikan).

47.5.1.3. Tempoh Mengemukakan Tesis

Kementerian telah menetapkan seorang calon yang telah menamatkan pengajian hendaklah mengemukakan tesis dalam tempoh 24 bulan selepas tarikh lapor diri di IPTA sebelum dianugerahkan PhD. Sehubungan itu, IPTA menetapkan syarat dan kaedah pemantauan yang berbeza agar calon yang ditaja dapat mengemukakan tesis dalam

tempoh yang ditetapkan. Sebagai contoh, UM menetapkan tempoh satu tahun daripada tarikh lapor diri untuk mengemukakan tesis. Di UiTM pula, pensyarah yang belum mengemukakan tesis diserapkan ke *Potential Programme* di Institut Pengajian Siswazah bagi tujuan pemantauan sehingga mereka berjaya memperoleh PhD. Manakala UTM menjalankan pemantauan dan pengawasan *progress report* dan kemajuan akademik setiap 6 bulan menerusi pihak fakulti serta mengadakan perjumpaan dengan penerima tajaan sehingga PhD diperolehi. Semakan Audit terhadap prestasi calon yang ditaja dalam usaha mereka mengemukakan tesis mendapati perkara berikut:

a. Daripada 159 penerima tajaan (tahun 2006 hingga 2008) yang diberi pelanjutan tempoh pengajian, seramai 99 orang telah melaporkan diri di IPTA. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan tarikh lapor diri untuk 2 anggota akademik kerana tarikh lapor diri tidak direkodkan atau tiada maklumat disimpan oleh Kementerian.

b. Kesemua 99 penerima tajaan tersebut masih belum menghantar tesis, sedang menulis tesis atau menunggu keputusan *viva* (peperiksaan lisan untuk tesis). Terdapat seorang calon yang telah melaporkan diri pada tahun 2007 tetapi masih belum mengemukakan tesis. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 47.7
PENERIMA TAJAAN YANG TELAH MELAPOR DIRI
TETAPI BELUM MENGEMUKAKAN TESIS

IPTA	TAHUN LAPOR DIRI					JUMLAH
	2007	2009	2010	2011	TIADA MAKLUMAT	
UIAM	-	-	1	2	-	3
UiTM	-	-	9	16	1	26
UKM	-	-	4	3	-	7
UM	1	1	5	13	-	20
UTM	-	-	9	9	-	18
UniSZA	-	-	-	2	-	2
UPM	-	-	2	4	1	7
UTHM	-	-	1	11	-	12
UMT	-	-	2	2	-	4
JUMLAH	**1**	**1**	**33**	**62**	**2**	**99**

Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

Struktur pengajian sehingga penghantaran tesis mempunyai tempoh maksimum sehingga 6 tahun. Justeru itu, Kementerian dan IPTA tidak boleh menukar status gagal kepada calon yang telah melaporkan diri tetapi masih belum menghantar tesis kerana tempoh maksimum 6 tahun tersebut adalah terpakai. Sebaliknya calon dianggap gagal setelah gagal mengemukakan tesis dalam tempoh 6 tahun atau dimaklumkan oleh universiti (tempat pengajian) bahawa beliau telah gagal (sekalipun belum cukup 6 tahun dari tarikh memulakan pengajian).

Pada pendapat Audit, walaupun sejumlah RM1.102 bilion (73.4%) telah dibelanjakan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2011, namun sasaran SLAI dalam RMKe-9 tidak tercapai. Kegagalan mencapai sasaran ini antara lainnya adalah disebabkan oleh kekurangan calon yang layak, tempoh masa yang panjang setelah mengambil kira pelanjutan masa untuk pengajian dan kekurangan pemantauan terhadap penerima tajaan di IPTA selepas melaporkan diri.

47.5.2. Pelaksanaan Skim Latihan Akademik IPTA

47.5.2.1. Sistem Maklumat Latihan

Sistem Maklumat Latihan (SILA) digunakan dalam mengurus dan mengemas kini maklumat penerima tajaan termasuk penyediaan surat tawaran biasiswa, pemprosesan perjanjian, pembayaran elaun/yuran serta penyediaan penyata bagi setiap penerima biasiswa, kadar bayaran, kemajuan pengajian (progress report) dan lejar bayaran. Kementerian telah mewujudkan sistem semakan lejar *online* di portal rasmi Kementerian untuk memudahkan penerima tajaan membuat semakan penyata elaun. Sekiranya terdapat bayaran elaun yang tidak tepat, penerima tajaan hendaklah memaklumkan kepada Bahagian Biasiswa untuk tindakan selanjutnya. Semakan Audit terhadap sampel seramai 500 penerima tajaan skim mendapati perkara berikut:

a. Maklumat untuk seramai 183 penerima tajaan skim (36.6%) adalah tidak lengkap dan kemas kini dalam SILA. Sebagai contoh, seramai 51 anggota IPTA sebenarnya telah tamat pengajian tetapi telah direkodkan dalam SILA sebagai masih belajar. Perbezaan status sebenar penerima tajaan skim dan status yang direkodkan dalam SILA adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 47.8
STATUS SEBENAR PENERIMA TAJAAN SLAI BERBANDING
STATUS YANG DIREKODKAN DALAM SILA

STATUS SEBENAR	STATUS DALAM SILA				JUMLAH
	LANJUTAN PERTAMA	LANJUTAN KEDUA	MASIH BELAJAR	TAMAT	
Lanjutan 1		1	10		11
Lanjutan 2	2		2		4
Lanjutan 3		2			2
Lanjutan 4		1			1
Belum Selesai Tesis	40	30	23		93
Tamat	17	12	22		51
Meninggal Dunia			1		1
Tutup Fail - UTM Taja Sepenuhnya			1		1
Tarik Diri			8		8
Sambung Pengajian Separuh Masa	3	1	1		5
Majikan Tamatkan Perkhidmatan			1		1
Tiada Maklumat	1				1
Sambung Di Malaysia			2	1	3
Tangguh Pengajian			1		1
JUMLAH	**63**	**47**	**72**	**1**	**183**

b. Penerima biasiswa SLAI menerima elaun dan kemudahan berdasarkan elaun dan kemudahan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) yang sedang berkuat kuasa. Elaun dan kemudahan tersebut dibayar terus oleh Bahagian Biasiswa, Kementerian. Memandangkan proses bayaran elaun/yuran pengajian diurus melalui SILA, maklumat yang tidak dikemas kini telah mengakibatkan kesilapan dalam proses bayaran. Sebagai contoh, bayaran elaun kepada penerima tajaan masih diteruskan sedangkan beliau telah tamat pengajian atau elaun terkurang dibayar apabila berlakunya penyelarasan elaun-elaun di negara pengajian. Maklumat terlebih/terkurang bayaran elaun adalah seperti berikut:

   i. Elaun sara hidup/buku/alat perkakas berjumlah RM61,433 telah terlebih bayar kepada seramai 23 orang penerima tajaan seperti di jadual berikut:

JADUAL 47.9
ELAUN YANG TERLEBIH BAYAR KEPADA PENERIMA TAJAAN

IPTA	BIL. PENERIMA TAJAAN	ELAUN			JUMLAH (RM)
		SARA HIDUP (RM)	BUKU (RM)	ALAT PERKAKAS (RM)	
UIAM	1	3,666	-	-	3,666
UiTM	1	-	413	450	863
UM	1	-	413	450	863
UMT	1	17,735	338	450	18,523
UPM	7	6,086	4,585	3,057	13,728
UPNM	1	-	2,168	1,156	3,324
UPSI	4	-	1,650	1,800	3,450
UTHM	2	12,114	413	450	12,977
UTM	5	1,001	1,238	1,800	4,039
JUMLAH	**23**	**40,602**	**11,218**	**9,613**	**61,433**

ii. Elaun sara hidup/buku/alat perkakas/penempatan/tesis berjumlah RM54,881 terkurang dibayar kepada seramai 21 orang penerima tajaan seperti di jadual berikut:

JADUAL 47.10
ELAUN TERKURANG BAYAR KEPADA PENERIMA TAJAAN

IPTA	BIL. PENERIMA TAJAAN	ELAUN					JUMLAH (RM)
		SARA HIDUP (RM)	BUKU (RM)	ALAT PERKAKAS (RM)	PENEMPATAN (RM)	TESIS (RM)	
UMT	4	-	225	-	-	6,531	6,756
UniSZA	5	1,506	2,805	1,800	-	-	6,111
UPM	5	22,953	-	-	5,624	-	28,577
UPSI	2	-	-	-	6,326		6,326
USM	1	-	-	-	-	1,545	1,545
UTHM	1	-	75	-	-	-	75
UTM	3	3,820	-	-	-	1,671	5,491
JUMLAH	**21**	**28,279**	**3,105**	**1,800**	**11,950**	**9,747**	**54,881**

Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

Penerima tajaan yang telah tamat pengajian tidak memaklumkan kepada Kementerian bagi tujuan mengemaskinikan rekod dalam fail penajaan dan SILA. Selain itu, elaun yang terlebih/terkurang bayar juga disebabkan oleh beban tugas Unit Skim Latihan Akademik IPTA.

Pada pendapat Audit, Sistem Maklumat Latihan tidak diuruskan dengan baik dan teratur apabila maklumat dalam sistem tidak kemas kini dan ini menyebabkan bayaran elaun yang tidak tepat/betul kepada penerima tajaan.

47.5.2.2. Beban Tugas Unit Skim Latihan Akademik IPTA

Unit Skim Latihan Akademik IPTA di bawah Bahagian Biasiswa, Kementerian adalah bertanggungjawab menguruskan SLAI. Semakan Audit terhadap beban tugas unit ini mendapati perkara berikut:

a. Unit ini diketuai oleh seorang Ketua Penolong Setiausaha Gred M48 dan dibantu oleh seramai 11 kakitangan. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2011, kesemua 12 jawatan yang diluluskan telah diisi. Selain menguruskan SLAI, Unit ini juga

bertanggungjawab terhadap biasiswa Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), MyBrain15, *Post-Doc*/Sub-Kepakaran, Biasiswa Khas Tenaga Akademik, Bantuan Kewangan Asasi IPTA dan Program *Post-Graduate Diploma in Entrepreneurship* (University of Cambridge).

b. Pada tahun 2006, bilangan penerima biasiswa yang ditaja bagi kesemua program adalah seramai 955 orang dan setakat akhir tahun 2011, jumlahnya telah meningkat kepada 59,124 orang (**Jadual 47.11**). Manakala bilangan penerima tajaan yang aktif adalah seramai 29,086 orang iaitu telah meningkat sebanyak 28,131 orang (2,945.7%) berbanding 955 orang pada tahun 2006. Bagaimanapun, bilangan pegawai di Unit ini masih sama sejak diwujudkan pada tahun 2006.

JADUAL 47.11
BILANGAN TAJAAN PENERIMA BIASISWA
UNTUK TEMPOH TAHUN 2006 SEHINGGA 2011

TAHUN	BIL. PENERIMA BIASISWA	JUMLAH
2006	955	955
2007	5,721	6,676
2008	8,477	15,153
2009	10,455	25,608
2010	13,229	38,837
2011	20,287	59,124

Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

Kementerian telah pun melaksanakan kaedah penempatan semula pegawai (redeployment), namun masih tidak mencukupi berikutan 3 unit lain di Bahagian Biasiswa juga mempunyai tugas-tugas tambahan tanpa sebarang pertambahan jawatan.

Pada pendapat Audit, Unit Skim Latihan Akademik IPTA mempunyai beban tugas yang berat dan memerlukan tenaga kerja yang lebih untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna. Selain daripada melaksanakan kaedah penempatan semula (redeployment) antara pegawai dan kakitangan di organisasi yang sama, Kementerian juga boleh memohon pertambahan jawatan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

47.5.2.3. Kelulusan Pelanjutan Pengajian

a. Pada dasarnya, pertimbangan kepada setiap permohonan pelanjutan adalah berdasarkan merit sesuatu kes tersebut dan tempoh yang diluluskan adalah tempoh yang munasabah untuk seseorang pelajar menamatkan pengajiannya. Di peringkat IPTA, pelanjutan tempoh pengajian diperakukan oleh Jawatankuasa Cuti Belajar Dan Biasiswa sebelum dikemukakan kepada Kementerian untuk keputusan selanjutnya. Bagi membolehkan permohonan pelanjutan pengajian dipertimbangkan, Kementerian menetapkan kuasa melulus bagi setiap jenis pelanjutan seperti di jadual berikut:

JADUAL 47.12
JENIS PELANJUTAN DAN KUASA MELULUS

JENIS PELANJUTAN	KUASA MELULUS
Pelanjutan Pertama	Ketua Penolong Setiausaha
Pelanjutan Kedua/Ketiga/Rayuan	Setiausaha Bahagian
Pertukaran Universiti/Kursus	Ketua Penolong Setiausaha
Penamatan Biasiswa	Setiausaha Bahagian
Rayuan Biasiswa	Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
Rayuan Kedua Dan Muktamad	Ketua Setiausaha

b. Semakan Audit mendapati 47 permohonan lanjutan (9.4%) daripada 500 sampel penerima tajaan tidak mempunyai bukti permohonan telah diluluskan kerana tiada tandatangan pegawai yang diberi kuasa. Selain itu, sebanyak 14 permohonan pelanjutan telah diluluskan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa melulus. Sebagai contoh, pelanjutan kedua telah diluluskan oleh Ketua Penolong Setiausaha dan bukannya Setiausaha Bahagian. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 47.13
KELULUSAN PELANJUTAN PENGAJIAN TANPA BUKTI KELULUSAN ATAU DILULUSKAN OLEH PEGAWAI YANG TIDAK DIBERI KUASA

IPTA	TIADA TANDATANGAN KELULUSAN PEGAWAI	DILULUSKAN OLEH PEGAWAI YANG TIDAK DIBERI KUASA	BIL. KES
UIAM	5	3	8
UiTM	12	1	13
UM	1	0	1
UMS	1	0	1
UMT	7	1	8
UnisZA	1	1	2
UPM	0	2	2
UPNM	2	0	2
UPSI	7	0	7
USM	1	1	2
UTHM	4	1	5
UTM	6	4	10
JUMLAH	**47**	**14**	**61**

Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

Masalah tiada bukti kelulusan pelanjutan pengajian dan pelanjutan diluluskan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa, antara lain adalah disebabkan beban kerja bertambah setiap tahun kerana jumlah peningkatan tajaan berbanding perjawatan sedia ada. Selain itu, kekurangan pegawai yang layak diberi kuasa dan meluluskan permohonan pelanjutan juga telah menyebabkan permohonan pelanjutan tidak dapat diproses dan diluluskan dengan segera. Ini akan menyebabkan proses kelulusan pelanjutan pengajian penerima tajaan tergendala. Bagaimanapun, penurunan kuasa kepada pegawai (desk officer) tidak dapat dilaksanakan disebabkan kadar pertukaran/perpindahan pegawai yang tinggi. Di samping itu, sebahagian besar merupakan pegawai baru dan kurang berpengalaman untuk menilai seterusnya mempertimbangkan permohonan pelanjutan.

Pada pendapat Audit, permohonan pelanjutan pengajian tidak diluluskan dengan teratur. Memandangkan Kementerian menjelaskan bahawa masalah ini disebabkan oleh kekurangan pegawai, Kementerian perlu meneliti semula kuasa meluluskan pelanjutan tempoh pengajian kepada pegawainya dengan mengambil kira beban kerja dan peningkatan penajaan setiap tahun.

47.5.3. Pemantauan Skim Latihan Akademik IPTA

Kementerian perlu mewujudkan sistem pemantauan yang mantap dan komprehensif supaya dapat memastikan SLAI diuruskan dengan cekap dan teratur bagi mencapai objektifnya. Semakan Audit terhadap pemantauan yang dilaksanakan oleh Kementerian mendapati perkara berikut:

a. Mesyuarat bulanan di peringkat Unit Skim Latihan Akademik IPTA telah diadakan sejak skim ini dilaksanakan. Mesyuarat ini diadakan untuk membincang isu-isu pelaksanaan skim serta tindakan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit. Sehubungan itu, unit ini adalah bertanggungjawab memantau kemajuan pengajian pelajar dari semasa ke semasa.

b. Jawatankuasa Biasiswa SLAI yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian berfungsi untuk mempertimbangkan permohonan biasiswa SLAI serta memastikan pengagihan peruntukan/pengisian untuk IPTA menepati sasaran yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 8 kali setahun.

c. Selaku pemantau, Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian berfungsi untuk memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan RMKe-9, termasuklah SLAI. Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan.

d. Kementerian juga telah mengambil langkah penambahbaikan skim dengan mengadakan sistem pemantauan yang lebih komprehensif supaya pensyarah dapat menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan tanpa pelanjutan pengajian untuk menjimatkan kos.

Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 5 Jun 2012

Kemajuan pengajian penerima tajaan ada dipantau oleh IPTA mengikut kaedah masing-masing dan beban tugas di Unit Skim Latihan Akademik IPTA menyebabkan fungsi pemantauan ini tidak dapat dilaksanakan. Bagaimanapun, kini Kementerian telah pun mengambil tindakan pemantauan meliputi Pemantauan Laporan Kemajuan (Progress Report) daripada pihak universiti, Bengkel GOT (Graduate on Time) kepada calon tajaan, program perjumpaan dengan calon tajaan, penggantungan sebahagian atau keseluruhan tajaan dan juga penambahbaikan di dalam sistem SILA yang sedang dimigrasikan.

Pada pendapat Audit, Unit Skim Latihan Akademik IPTA perlu mempertingkatkan aspek pemantauan melalui hubungan kerjasama dan penyelarasan maklumat yang lebih berkesan dengan Unit Cuti Belajar di IPTA.

47.6. SYOR AUDIT

Bagi membaiki kelemahan yang dibangkitkan dan seterusnya meningkatkan mutu pengurusan SLAI, Kementerian perlu memberikan pertimbangan terhadap perkara berikut:

47.6.1. Menilai semula sasaran SLAI dengan mengambil kira kesediaan anggota akademik IPTA supaya lebih realistik di samping memastikan penerima tajaan menamatkan pengajian dalam tempoh pengajian yang ditetapkan dan memendekkan tempoh serahan tesis.

47.6.2. Memperkemaskan pengurusan fail peribadi penerima tajaan dengan mengenal pasti kes-kes tajaan yang telah tamat pengajian. Selain itu, rekod dalam SILA hendaklah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Kementerian juga disarankan menyemak semula bayaran elaun yang diterima oleh semua penerima tajaan yang lain bagi memastikan tiada lebih atau kurang bayar.

47.6.3. Selain penempatan semula (redeployment) antara pegawai dan kakitangan di organisasi yang sama, Kementerian juga boleh memohon pertambahan jawatan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

47.6.4. Meneliti semula kuasa meluluskan pelanjutan tempoh pengajian kepada pegawainya dengan mengambil kira beban kerja dan peningkatan penajaan setiap tahun.

47.6.5. Mempertingkatkan aspek pemantauan melalui hubungan kerjasama dan penyelarasan maklumat yang lebih berkesan dengan Unit Cuti Belajar di IPTA.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 385-389
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN PERTAHANAN

48. KEMUDAHAN RUMAH KELUARGA ANGGOTA TENTERA BAGI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

48.1. LATAR BELAKANG

48.1.1. Kementerian Pertahanan (Kementerian) telah menyediakan kemudahan Rumah Keluarga Anggota Tentera (RKAT) mengikut kelas dan kelayakan seperti yang digariskan dalam Perintah Angkatan Tentera Malaysia (PATM) Bab 13, Seksyen 5 dan juga Perintah Am Angkatan Tentera (PAAT) Bil. 8 Tahun 1992 bagi anggota tentera yang telah berkeluarga. Kemudahan ini meliputi 4 perkhidmatan ATM iaitu Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Tentera Darat Malaysia (TD) dan Angkatan Bersama (Markas ATM). Antara objektif kemudahan RKAT ini adalah untuk memastikan anggota tentera yang berkhidmat di dalam kem/pangkalan dapat diarah untuk bertugas pada bila-bila masa dan menjamin keselamatan keluarga ketika anggota tersebut bertugas. Bagi anggota bujang, *mess*/berek bujang akan disediakan untuk anggota Lain-lain Pangkat (LLP) manakala *mess* pegawai diperuntukkan untuk pegawai bujang di setiap kem.

48.1.2. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kementerian telah melaksanakan 38 projek RKAT dengan kos asal keseluruhan yang berjumlah RM1.74 bilion melalui peruntukan daripada Jabatan Perdana Menteri. Sebanyak 26 projek dibiayai melalui peruntukan pembangunan berjumlah RM1.15 bilion manakala 12 projek menggunakan peruntukan *Private Financing Initiatives* (PFI) sebanyak RM594.23 juta. Sehingga bulan Disember 2011, sebanyak 46,880 unit RKAT pelbagai kelas telah dibina untuk keempat-empat perkhidmatan iaitu sebanyak 1,553 unit untuk Markas ATM; 32,138 unit untuk TD; 6,084 unit untuk TLDM dan 7,105 unit untuk TUDM.

48.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan kemudahan RKAT telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

48.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi pengurusan satu RKAT di Pangkalan TLDM Lumut yang berusia lebih 30 tahun bagi menilai penyenggaraan yang telah dilaksanakan serta 12 projek RKAT baru yang dibina dalam tempoh RMKe-9. Butiran projek yang dipilih adalah seperti di **Jadual 48.1**. Semakan Audit telah dijalankan di peringkat Kementerian iaitu Unit Perumahan, Bahagian Pembangunan Kementerian, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP), Markas ATM, Markas TD, Markas TUDM, Markas TLDM dan Unit Perumahan Kem Kementah.

JADUAL 48.1
SENARAI PROJEK RKAT YANG DIAUDIT

PROJEK	NILAI KONTRAK (RM Juta)	KAEDAH PEMBINAAN	KAEDAH PEROLEHAN	PERKHIDMATAN	BIL. UNIT RKAT
Perumahan TLDM Lumut, Perak	*4.00	Konvensional	Sebut Harga	Markas Tentera Laut	4,140
Perumahan TUDM Ipoh, Perak	40.00	*Design and Build*	Rundingan Terus	Markas Tentera Udara	100

PROJEK	NILAI KONTRAK (RM Juta)	KAEDAH PEMBINAAN	KAEDAH PEROLEHAN	PERKHIDMATAN	BIL. UNIT RKAT
Perumahan TD Ipoh, Perak	50.50	*Design and Build*	Rundingan Terus	Markas Tentera Darat	174
Perumahan Kem Kementah 1, Kuala Lumpur	232.51	*Design and Build*	Tender Terhad	Markas ATM	592
Perumahan Kem Kementah 2, Kuala Lumpur	120.90	*Design and Build*	Tender Terhad	Markas ATM	828
Perumahan Kem Kementah 3, Kuala Lumpur	58.58	*Design and Build*	Tender Terhad	Markas ATM	410
Perumahan Kem Pasifik, Kuala Lumpur	146.42	*Design and Build*	Tender Terhad	Markas ATM	834
Perumahan TUDM Subang, Selangor	171.30	*Design and Build*	Tender Terbuka	Markas Tentera Udara	660
Perumahan U-Thant 1, Kuala Lumpur	94.32	*Design and Build*	Tender Terhad	Markas ATM	312
Perumahan TLDM Mawilla 3 Langkawi, Kedah	62.25	*Design and Build*	Rundingan Terus	Markas Tentera Laut	122
Perumahan TUDM Butterworth, Pulau Pinang	30.50	*Design and Build*	Rundingan Terus	Markas Tentera Udara	30
Perumahan TD Sungai Ara, Pulau Pinang	41.50	Konvensional	Rundingan Terus	Markas Tentera Darat	121
Perumahan TD Kem Kinabatangan Sandakan, Sabah	73.97	Konvensional	Tender Terhad	Markas Tentera Darat	258

Nota: ***(*) - Kos Ini Hanya Melibatkan Penyenggaraan Dan Naik Taraf Bangunan Dalam Tempoh RMKe-9***

48.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 berkaitan 13 projek RKAT yang telah dipilih sebagai sampel. Seterusnya perbincangan dengan pegawai berkenaan, anggota yang mendiami RKAT dan kontraktor telah diadakan untuk mendapat maklumat lanjut. Di samping itu, soal selidik diedarkan kepada penghuni RKAT untuk mendapat maklum balas berhubung tahap kepuasan dan penilaian mereka terhadap kemudahan RKAT yang disediakan. Lawatan fizikal juga telah dijalankan di 13 RKAT berkenaan.

48.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati secara keseluruhannya prestasi pembinaan bagi 12 projek RKAT yang dibina dalam RMKe-9 dan pengurusan satu RKAT yang diaudit adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan yang boleh menjejaskan objektif pembinaannya. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

i. kontraktor gagal menyiapkan projek dalam tempoh kontrak asal dan diberi lanjutan masa antara 94 hingga 1,240 hari;

ii. projek RKAT yang telah siap mempunyai bilangan kecacatan pembinaan dan kerosakan yang tinggi dan kontraktor gagal membaikinya dalam tempoh tanggungan kecacatan;

iii. peningkatan kos projek sebanyak RM174.43 juta (15.5%) kepada RM1,297.18 juta berbanding kos kontrak asal yang berjumlah RM1,122.75 juta;

iv. kelemahan dalam pengurusan kemudahan RKAT yang disediakan seperti RKAT tidak diduduki sepenuhnya, kualiti perabot yang rendah dan tahap kepuasan penghuni terhadap kemudahan RKAT kurang memuaskan; dan

v. pentadbiran kontrak dan pengurusan penyenggaraan yang kurang memuaskan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan Kementerian/pihak terlibat adalah seperti di perenggan berikut:

48.5.1. Prestasi Projek RKAT

48.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

Secara keseluruhannya, Kementerian melaksanakan 38 projek RKAT meliputi pembinaan 9,445 unit rumah dalam tempoh RMKe-9 dengan siling peruntukan berjumlah RM1.74 bilion. Setakat bulan Disember 2011, sebanyak 37 projek telah siap manakala satu projek masih belum siap dan telah dikategorikan sebagai projek sakit. Daripada 37 projek yang telah siap, didapati 9 projek telah dibawa ke RMKe-10 sebagai projek sambungan dengan kos berjumlah RM186.30 juta. Ini kerana 9 projek tersebut mengalami banyak kecacatan dan kerosakan pembinaan serta memerlukan kerja pembaikan. Akaun Muktamad kesemua 9 projek ini belum dikeluarkan lagi disebabkan Sijil Perakuan Membaiki Kecacatan (CMGD) tidak dapat diberikan kepada kontraktor kerana kerja pembaikan kecacatan yang masih belum selesai. Pencapaian fizikal kesemua projek RKAT yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah seperti di **Jadual 48.2** manakala pencapaian fizikal bagi 12 projek RKAT yang diaudit adalah seperti di perenggan berikutnya.

JADUAL 48.2
PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK RKAT YANG DILAKSANAKAN

TEMPOH	DIRANCANG			STATUS PROJEK SETAKAT BULAN DISEMBER 2011				CATATAN
				SIAP		BELUM SIAP (Projek Sakit)		
	BIL. PROJEK	BIL. UNIT RKAT	JUMLAH PERUNTUKAN (RM Bilion)	BIL. PROJEK	BIL. UNIT RKAT	BIL. PROJEK	BIL. UNIT RKAT	
RMKe-9	38	9,445	1.674	37	9,187	1	258	-
RMKe-10	9	6,089	0.186	-	-	-	-	Projek sambungan di bawah RMKe-10.

a. Projek RKAT Lewat Disiapkan

i. Kontraktor yang dilantik perlu menyiapkan projek RKAT dalam tempoh yang ditetapkan dalam kontrak. Sekiranya kontraktor gagal, denda ganti rugi boleh dikenakan mengikut bilangan hari lewat. Berdasarkan tarikh ambil alih projek RKAT oleh Agensi Pelaksana dan pasukan, pihak Audit mendapati 9 daripada 12 projek RKAT gagal disiapkan dalam tempoh kontrak asal. Bagaimanapun kontraktor telah diberi lanjutan masa [Extension of Time (EOT)] antara 94 hingga 1,240 hari. Antara sebab EOT diluluskan adalah faktor cuaca, kekurangan bahan mentah, kekurangan tenaga kerja, masalah kewangan dan terdapat kerja yang tidak dirancang pada peringkat awal. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 48.3
PROJEK LEWAT DISIAPKAN DARI TEMPOH KONTRAK ASAL

PROJEK	TEMPOH ASAL KONTRAK	LANJUTAN MASA				TARIKH AMBIL ALIH
		BIL.	TEMPOH	BIL. HARI	JUMLAH HARI	
Perumahan TD Ipoh, Perak	21.02.2008 - 20.02.2011	1	21.02.2011 - 25.05.2011	94	94	16.06.2011
Perumahan Kem Kementah 1 (Desa Tunku Osman Jiwa)	23.01.2003 - 22.01.2006	1	23.01.2006 - 12.11.2006	294	1,240	25.08.2009
		2	13.11.2006 - 08.09.2007	300		
		3	09.09.2011 - 22.04.2008	226		
		4	23.04.2008 - 16.06.2009	420		
Perumahan Kem Kementah 2 (Desa Perwira)	23.01.2003 - 22.01.2006	1	23.01.2006 - 12.11.2006	294	1,240	11.02.2010
		2	13.11.2006 - 08.09.2007	300		
		3	09.09.2007 - 16.06.2009	646		
Perumahan Kem Kementah 3 Markas ATM (Desa Tunku Mariam)	23.01.2003 - 22.01.2006	1	23.01.2006 - 21.04.2006	89	1,240	25.08.2009
		2	22.04.2006 - 01.02.2007	288		
		3	02.02.2007 - 08.09.2007	219		
		4	09.09.2007 - 22.04.2008	226		
		5	23.04.2008 - 16.06.2009	420		

PROJEK	TEMPOH ASAL KONTRAK	LANJUTAN MASA				TARIKH AMBIL ALIH
		BIL.	TEMPOH	BIL. HARI	JUMLAH HARI	
Perumahan Kem Pasifik, Kuala Lumpur	23.01.2003 - 22.01.2006	1	23.01.2006 - 21.07.2006	180	724	31.07.2009
		2	22.07.2006 - 17.01.2007	180		
		3	18.01.2007 - 23.08.2007	218		
		4	24.08.2007 - 16.01.2008	146		
Perumahan TUDM Subang, Selangor	23.01.2003 - 22.01.2006	1	23.01.2006 - 22.04.2006	90	190	03.07.2006
		2	23.04.2006 - 31.07.2006	100		
Perumahan U-Thant 1, Kuala Lumpur	23.01.2003 - 22.01.2006	1	23.01.2006 - 10.10.2006	261	944	31.07.2009
		2	11.10.2006 - 22.05.2007	224		
		3	23.05.2007 - 31.12.2007	224		
		4	01.01.2008 - 22.08.2008	235		
Perumahan TLDM Mawilla 3, Langkawi	03.08.2007 - 29.08.2010	1	30.08.2010 - 31.03.2011	335	475	04.08.2011
		2	01.04.2011 - 20.08.2011	140		
Perumahan TD Kinabatangan, Sandakan Sabah	08.07.2008 - 10.05.2010	1	11.05.2010 - 10.12.2010	214	502	Belum Siap
		2	11.12.2010 - 31.03.2011	111		
		3	01.04.2011 - 23.09.2011	177		

ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati 6 daripada 12 RKAT tersebut merupakan projek di Lembah Klang yang ditawarkan kepada Syarikat Usahasama SPNB-LTAT Sdn. Bhd. (Syarikat USL). Jumlah keseluruhan projek yang dilaksanakan oleh syarikat ini ialah 10 projek. Kontrak pembinaan dilaksanakan secara *Design and Built* dan tempoh kontrak adalah selama 3 tahun iaitu mulai 23 Januari 2003 sehingga 22 Januari 2006. Semakan Audit mendapati pada bulan Februari 2010, Wawasan Utama Sdn. Bhd. sebagai Perunding Pengurusan Projek yang dilantik oleh Kementerian bagi projek RKAT Lembah Klang telah mengemukakan pengiraan Denda Gantirugi Tertentu Dan Ditetapkan [Liquidated And Ascertained Damages (LAD)] sementara terhadap Syarikat USL sebanyak RM87.12 juta. Pengiraan LAD ini adalah bagi 7 daripada 10 projek RKAT di Lembah Klang yang gagal disiapkan selepas berakhirnya tempoh lanjutan masa dan dikira berdasarkan bilangan hari lewat antara 136 hingga 586 hari. Bagaimanapun, Syarikat USL telah mengemukakan permohonan pengecualian LAD melalui Kementerian Pertahanan kepada Kementerian Kewangan pada bulan Oktober 2010 dan kelulusan pengecualian telah diperolehi pada 27 Januari 2011.

Pada pendapat Audit, Perunding Pengurusan Projek bagi pihak Kementerian telah mengambil tindakan berdasarkan ketetapan syarat kontrak dengan mengenakan denda terhadap kontraktor yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya. Namun, pengecualian denda telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan kepada kontraktor yang berkenaan menyebabkan kerugian dan kepentingan Kerajaan tidak terjamin.

b. Projek Sakit

i. Projek RKAT TD Kem Kinabatangan, Sandakan, Sabah pada asalnya merupakan projek yang didaftarkan semasa RMKe-8. Bagaimanapun ia ditangguhkan atas arahan Kementerian Kewangan terhadap projek yang tidak mempunyai peruntukan siling mencukupi. Pada tahun 2005, projek ini disambung semula berikutan permohonan Tentera Darat agar pelaksanaannya diberi keutamaan untuk menggantikan rumah yang tidak sesuai diduduki kerana hanya mempunyai 1 bilik/2 bilik dan keadaan rumah yang telah usang. Kem ini mempunyai 284 unit RKAT sedia ada di mana 24 unit daripadanya telah rosak; 19 unit telah roboh; 19 unit dijadikan *Annex*; 8 unit telah terbakar sebahagiannya dan 35 unit diperuntukkan bagi projek *Army Care*. Keadaan RKAT sedia ada adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 48.1

TD Kem Kinabatangan, Sandakan, Sabah - Keadaan Unit RKAT Yang Telah Usang (20.12.2011)

ii. Projek RKAT baru melibatkan pembinaan 258 unit rumah pelbagai kelas serta kerja-kerja berkaitan untuk Pegawai dan Anggota Tentera Darat di Kem Kinabatangan, Sandakan, Sabah telah ditawarkan kepada REMT Utama Sdn. Bhd. pada bulan Jun 2008 dengan nilai kontrak sebanyak RM73.97 juta. Pemilihan kontraktor dibuat melalui kaedah tender terhad dengan tempoh siap selama 96 minggu iaitu mulai 8 Julai 2008 sehingga 10 Mei 2010. Adalah didapati kontraktor yang telah dipilih ini menawarkan harga terendah di kalangan penender yang mengemukakan tawaran. Projek ini dikawal selia oleh 4 perunding yang dilantik oleh Kementerian.

iii. Selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2009, projek sakit didefinisikan sebagai projek yang mana kemajuan pelaksanaannya telah mengalami kelewatan melebihi 2 bulan atau 20% daripada tarikh atau jadual yang ditetapkan mengikut mana yang terdahulu. Semakan Audit mendapati projek RKAT TD Kem Kinabatangan, Sandakan Sabah gagal disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Status kemajuan projek sehingga bulan Jun 2010 ialah 24.4% (kemajuan fizikal) dan 21.7% (kemajuan kewangan). Jumlah bayaran interim yang telah dibayar kepada Syarikat REMT Utama sehingga bulan Jun 2010 ialah RM16.04 juta. Pada 2 Julai 2010, satu mesyuarat dan lawatan tapak telah diadakan oleh Bahagian Pembangunan, Jabatan Perdana Menteri serta Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU). Wakil ICU telah mengesyorkan agar projek ini dibawa ke Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) Kementerian. Bagaimanapun, JKPS peringkat Kementerian yang bersidang pada 3 September 2010 telah bersetuju agar projek ini diteruskan dengan syarat kontraktor mematuhi pelan pemulihan yang dicadangkan oleh pihak kontraktor sendiri (sebagaimana Klausa 6, SPP Bil. 8 Tahun 2009) dan LAD akan dikenakan.

iv. Sehingga tarikh pengauditan, sebanyak 3 lanjutan masa telah diluluskan selama 502 hari iaitu sehingga 24 September 2011. Bagaimanapun pada tarikh akhir lanjutan masa ketiga, projek ini masih tidak dapat disiapkan di mana kemajuan kerja ketika itu ialah 83.3% (berdasarkan tuntutan bayaran interim pada 4 Oktober 2011). Kementerian telah mengemukakan Sijil Tidak Siap Kerja kepada kontraktor pada 14 Oktober 2011. Semakan Audit selanjutnya mendapati permohonan lanjutan masa keempat telah dikemukakan pada 7 Oktober 2011, namun ditolak oleh pihak Kementerian pada 23 November 2011 berikutan permohonan tersebut dibuat tanpa ulasan dan kelulusan perunding projek. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 48.4
LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

LANJUTAN MASA	SEBAB LANJUTAN MASA	TEMPOH	BIL. HARI	TARIKH PERMOHONAN EOT	TARIKH KELULUSAN EOT
1	Pertukaran Jenis Cerucuk Perubahan Satu Unit Asas Tapak Kuarters Kelas F Dari Cerucuk Kepada *Pad Footing*	10.05.2010 - 10.12.2010	214	04.09.2009	30.10.2009

LANJUTAN MASA	SEBAB LANJUTAN MASA	TEMPOH	BIL. HARI	TARIKH PERMOHONAN EOT	TARIKH KELULUSAN EOT
2	Perubahan Lokasi Tapak *Sewerage Treatment Plan* (STP)	10.12.2010 - 31.03.2011	111	04.10.2010	21.01.2011
3	Kekurangan Konkrit *Ready-mix* Dari Pembekal Berlesen Serta Masalah Cuaca (Hujan Lebat Menyebabkan Kerja-kerja Struktur Seperti Kerja Cerucuk Dan Konkrit Tertangguh)	31.03.2011 - 24.09.2011	177	27.09.2010	08.07.2011
4	Kelewatan Lukisan Terperinci Tangki Air Simpanan, Lukisan Struktur *Roof Truss*, Tapak Untuk Sub Stesen Belum Disediakan, Pemberhentian Pekerja Tapak Dan Kekurangan Bekalan Simen Mengakibatkan Kerja-kerja Kemasan Bangunan Tertangguh	24.09.2011 - 11.03.2012	169	09.09.2011	Belum Diluluskan Sehingga Ke Tarikh Pengauditan

v. Semakan Audit selanjutnya mendapati Kementerian telah meluluskan satu Arahan Perubahan Kerja melibatkan 19 skop kerja yang disebabkan oleh kenaikan harga bahan mentah (besi dan simen) berjumlah RM4.03 juta setakat bulan Disember 2011. Selaras dengan kelulusan ini, kos projek telah meningkat sebanyak 5% iaitu daripada RM73.97 juta menjadi RM78 juta. Laporan projek sehingga bulan Disember 2011 menunjukkan tahap kemajuan projek secara keseluruhan adalah 83.7% iaitu kelewatan 16.3% daripada jadual. Oleh itu, sasaran untuk menyediakan RKAT baru yang dapat memberi keselesaan serta mengubah kehidupan dan keharmonian anggota yang berkeluarga tidak tercapai sehingga kini berikutan kelewatan penyiapannya. **Gambar 48.2** hingga **48.7** menunjukkan kemajuan kerja di tapak semasa lawatan Audit.

GAMBAR 48.2



TD Kem Kinabatangan, Sandakan, Sabah - Keadaan Fizikal Blok E Yang Dilaporkan Siap 98.6% (21.12.2011)

GAMBAR 48.3



TD Kem Kinabatangan, Sandakan, Sabah - Keadaan Fizikal Unit RKAT Kelas C Mod Yang Dilaporkan Siap 99.5% (21.12.2011)

GAMBAR 48.4



TD Kem Kinabatangan, Sandakan, Sabah - Keadaan Fizikal Blok G Yang Dilaporkan Siap 92.6% (21.12.2011)

GAMBAR 48.5



TD Kem Kinabatangan, Sandakan, Sabah - Keadaan Tandas Unit RKAT C Flat Yang Rosak Akibat Digunakan Sebelum Ada Bekalan Air (21.12.2011)

GAMBAR 48.6



GAMBAR 48.7



TD Kem Kinabatangan, Sandakan, Sabah
- Blok C Flat Bagi Anggota Berpangkat Kaptan Telah Diduduki Oleh Pekerja Asing Dan Ahli Keluarga Mereka (21.12.2011)

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 20 Jun 2012

Permohonan lanjutan masa keempat telah dikemukakan semula oleh kontraktor kepada Unit Teknikal Bahagian Pembangunan Kementerian melalui perunding projek. Bagaimanapun, sehingga kini tiada kelulusan diberikan dan bermula 24 September 2011, pihak kontraktor telah dikenakan LAD RM13,314.86 sehari. Kemajuan fizikal keseluruhan projek sehingga bulan April 2012 ialah 91%.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang lebih kerap perlu dijalankan terhadap pelaksanaan projek RKAT TD Kem Kinabatangan bagi mempercepatkan penyiapannya serta memastikan spesifikasi projek dipatuhi sepenuhnya.

c. Kerosakan Dan Kecacatan Pembinaan

i. Semakan Audit terhadap 12 projek RKAT baru mendapati 11 projek telah siap dan diduduki. Bagaimanapun semasa tarikh ambil alih, sebanyak 8 projek yang telah siap dilaporkan mempunyai bilangan kerosakan dan kecacatan pembinaan antara 53 hingga 5,223. Daripada 8 projek tersebut, didapati 6 projek RKAT di Lembah Klang yang dibina oleh Syarikat USL mempunyai bilangan kerosakan dan kecacatan pembinaan yang paling tinggi iaitu antara 161 hingga 5,223 semasa tarikh ambil alih. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 48.5
BILANGAN KEROSAKAN DAN KECACATAN YANG DILAPORKAN SEMASA TARIKH AMBIL ALIH

PROJEK	BIL. UNIT DIBINA	TARIKH AMBIL ALIH	BIL. KECACATAN PEMBINAAN SEMASA TARIKH AMBIL ALIH
Perumahan TUDM Subang, Selangor	660	Blok B2 - 31.07. 2006	TM
		Blok E - 07.08.2006	161
		Blok C,D,F,G - 03.07.2006	TM
Perumahan Kem Pasifik, Kuala Lumpur	834	Lembaga Ambil Alih Bersidang Pada 18.05.2009 (Tarikh Sebenar Ambil Alih Tidak Dinyatakan)	1,878
Perumahan U-Thant 1, Kuala Lumpur	312	Lembaga Ambil Alih Bersidang Pada 18.05.2009 (Tarikh Sebenar Ambil Alih Tidak Dinyatakan)	444
Perumahan Kem Kementah 1, Kuala Lumpur	592	15.12.2009	5,223
Perumahan Kem Kementah 2, Kuala Lumpur	828	11.02.2010	2,085
Perumahan Kem Kementah 3, Kuala Lumpur	410	25.08.2009	736
Perumahan TUDM Butterworth, Pulau Pinang	30	24.12.2010	53
Perumahan TD Ipoh, Perak	174	Zon 1 - 31.05.2011	74
		Zon 2 - 16.06.2011	1,161

PROJEK	BIL. UNIT DIBINA	TARIKH AMBIL ALIH	BIL. KECACATAN PEMBINAAN SEMASA TARIKH AMBIL ALIH
Perumahan TD Sungai Ara, Pulau Pinang	121	10.03.2011	-
Perumahan TUDM Ipoh, Perak	100	16.06.2011	-
Perumahan TLDM Mawilla 3 Langkawi, Kedah	122	04.08.2011	-

Nota: ***TM - Tiada Maklumat***

ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati Syarikat USL juga telah gagal menyelesaikan antara 1,493 hingga 2,085 aduan kerosakan dan kecacatan dalam tempoh/selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan. Berikutan itu, Kementerian telah melantik kontraktor pihak ketiga dengan kos sebanyak RM1.84 juta bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan yang gagal diselesaikan oleh Syarikat USL. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 48.6
ADUAN KEROSAKAN DAN KECACATAN PEMBINAAN
TIDAK DIBAIKI DALAM TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN

PROJEK	TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN		BIL. ADUAN KEROSAKAN DALAM TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (SEHINGGA BULAN OKTOBER 2011)			BIL. ADUAN KEROSAKAN DISELESAIKAN MELALUI PELANTIKAN KONTRAKTOR PIHAK KE-3
	DARI	HINGGA	JUMLAH	SEDANG AMBIL TINDAKAN	BELUM AMBIL TINDAKAN	
Perumahan TUDM Subang	19.07.2006	09.07.2008	Anggaran Kecacatan Pembinaan 1,279			- (Akan Dilaksanakan Oleh Pihak JKR)
Perumahan Kem Pasifik	04.08.2009	03.03.2012	1,941*	98	350	1,493
Perumahan U-Thant 1	04.08.2009	04.08.2011	973	564	409	-
Perumahan Kementah 1	15.12.2009	14.12.2011	1,737	-	-	1,737
Perumahan Kementah 2	11.02.2010	10.02.2012	2,085	-	-	2,085
Perumahan Kementah 3	31.10.2009	30.10.2011	315	47	268	-

Nota : ***(*) - Kedudukan Sehingga Bulan Ogos 2011***

iii. Pembinaan RKAT TUDM Subang oleh Syarikat USL dengan kos projek berjumlah RM171.30 juta telah siap dibina pada tahun 2006 dan tamat tempoh tanggungan kecacatan pada bulan Julai 2008. Lembaga Ambil Alih pada 3 Julai 2006 melaporkan pembaikan kecacatan pembinaan untuk tindakan segera oleh pihak Kontraktor bagi menjamin keselesaan pihak pengguna. Bagaimanapun, RKAT ini telah dirasmikan pada 18 September 2006 dan kontraktor gagal membaiki kecacatan pembinaan yang dibangkitkan oleh Lembaga Ambil Alih. Seterusnya, pihak Audit mendapati Kementerian telah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (CMGD) pada 7 Julai 2011 berdasarkan perakuan bahawa kontraktor telah menyiapkan sepenuhnya kerja pembaikan pada bulan Februari 2009. Namun begitu, lawatan Audit pada bulan September 2011 mendapati masih terdapat unit RKAT yang rosak teruk dan memerlukan kerja pembaikan seperti contoh di **Gambar 48.8** hingga **48.9**. Semakan selanjutnya mendapati pemeriksaan bangunan telah dijalankan pada 19 hingga 22 Januari 2010 iaitu satu tahun selepas berakhirnya tempoh tanggungan kecacatan. Pasukan Pemeriksa Bangunan yang terdiri daripada wakil Bahagian Senggara Fasiliti Bangunan, USPN Selangor dan JKR Tentera Subang telah menganggarkan kos yang diperlukan untuk pembaikan semua kerosakan sebelum proses ambil alih tugas senggara adalah berjumlah RM5 juta. Bagaimanapun, jaminan bank bernilai RM8.56 juta yang masih dalam pegangan Kementerian telah tamat tempoh sejak bulan Januari 2009.

Pada pendapat Audit, Kementerian sepatutnya merampas jaminan bank setelah Syarikat USL gagal menyelesaikan kerja pembaikan sebaik sahaja tamat tempoh tanggungan kecacatan. Kementerian juga tidak sepatutnya mengeluarkan CMGD memandangkan kerja pembaikan yang masih belum selesai dilaksanakan oleh kontraktor. Kelemahan dalam pengurusan projek ini telah menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung kos tambahan bagi kerja pembaikan.

GAMBAR 48.8



RKAT TUDM Subang, OMQ K-8
- Unit RKAT Yang Rosak Teruk Akibat Kebocoran Siling
(29.09.2011)

GAMBAR 48.9



RKAT TUDM Subang, OMQ K-19
- Unit RKAT Baru Yang Rosak Teruk Akibat Kebocoran Siling Tidak Dapat Digunakan Sehingga Kini
(29.09.2011)

iv. Lawatan Audit ke 12 projek RKAT mendapati kualiti pembinaan bagi 6 projek RKAT di sekitar Lembah Klang adalah kurang memuaskan. Bagaimanapun, Kementerian telah mengambil tindakan terhadap sebahagian kecacatan/ kerosakan yang dilaporkan oleh pihak Audit. Gambar berikut menunjukkan kerosakan/kecacatan yang diperhatikan serta contoh tindakan pembaikan yang dilaksanakan oleh kontraktor pihak ketiga yang dilantik oleh Kementerian.

GAMBAR 48.10



GAMBAR 48.11



Kem Kementah 1, Blok 2 Jenis C Flat
- Saluran Kumbahan Air Secara Tidak Sempurna Menyebabkan Air Kumbahan Dari Unit Rumah Mengalir Di Atas Lantai Simen
(09.01.2012)

GAMBAR 48.12



GAMBAR 48.13



Kem Kementah 1, Blok 2 Jenis C Flat
- Kerja Pembaikan Telah Disiapkan Selepas Teguran Audit
(Sumber: Kementerian Pertahanan - 15.05.2012)

GAMBAR 48.14



RKAT Kem Kementah 1, Blok 2 Jenis C Flat
- Sistem Paip Yang Tidak Sempurna Menyebabkan Kebocoran Siling
(09.01.2012)

GAMBAR 48.15



RKAT Kem Kementah 1, Blok 2 Jenis C Flat
- Kerja Pembaikan Telah Disiapkan Selepas Teguran Audit
(Sumber: Kementerian Pertahanan - 15.05.2012)

GAMBAR 48.16



RKAT Kem Kementah 1, Banglo Kelas B1
- Siling Bocor Di Ruang Tamu Menyebabkan Penghuni Terpaksa Meletakkan Baldi Untuk Menadah Air
(09.01.2012)

GAMBAR 48.17



RKAT Kem Kementah 1, Banglo Kelas B1
- Kerja Pembaikan Telah Disiapkan Selepas Teguran Audit
(Sumber: Kementerian Pertahanan - 14.05.2012)

GAMBAR 48.18



RKAT Kem Kementah 1, Blok 6 Jenis C Mod
- Kebocoran Saluran Paip Menyebabkan Air Memenuhi Ruang Di Aras Tanah
(09.01.2012)

GAMBAR 48.19



RKAT Kem Kementah 1, Blok 6 Jenis C Mod
- Sistem Paip Tidak Sempurna Menyebabkan Siling Basah Dan Berkulat
(09.01.2012)

GAMBAR 48.20



RKAT Jalan U-Thant 1, Aras Bawah Blok D
- Unit RKAT Yang Dijadikan Pejabat Dalam Keadaan Kotor Dan Berbau Busuk Akibat Sistem Paip/Saluran Najis Yang Tidak Sempurna/Bocor
(16.01.2012)

GAMBAR 48.21



RKAT TUDM Subang, OMQ K - 18
- Kecacatan Pembinaan Siling Ruang Rehat Keluarga Di Tingkat 2 Yang Rosak Teruk Akibat Kebocoran Saluran Air
(13.09.2011)

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 20 Jun 2012

Pemantauan terhadap 6 projek di Lembah Klang dilakukan setiap bulan sejak projek bermula pada tahun 2003. Dalam setiap mesyuarat tapak, kontraktor telah diingatkan supaya mematuhi obligasi kontrak. Surat amaran juga telah dikeluarkan supaya kontraktor membaiki prestasi kerjanya. Berdasarkan maklum balas mesyuarat tapak, diperhatikan punca kecacatan yang tinggi adalah:

- ***Syarikat USL kurang berpengalaman dan pegawai teknikal kurang kompeten.***
- ***Kelewatan mendapat kelulusan atas perkara-perkara yang dibangkitkan dalam mesyuarat tapak seperti kelulusan untuk membaiki kecacatan.***
- ***Kontrak antara Syarikat USL dengan Kerajaan adalah secara Turnkey manakala kontrak Syarikat USL dengan sub kontraktor adalah secara konvensional. Ketidaksamaan penawaran kontrak ini telah menimbulkan percanggahan skop kerja dan spesifikasi serta akhirnya menyebabkan peningkatan kos kepada Kerajaan.***

Pada pendapat Audit, Kementerian tidak sepatutnya menerima projek RKAT yang mempunyai kecacatan dan kerosakan pembinaan yang tinggi sehingga menyebabkan anggota ATM terpaksa menduduki RKAT yang tidak berkualiti. Kementerian juga perlu memastikan perunding yang dilantik melaksanakan kerja pemantauan dengan lebih tegas dan mengarahkan kontraktor melaksanakan kerja dengan segera mengikut syarat kontrak yang ditetapkan. Perunding, Pengurus Projek dan kontraktor yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya perlu disenaraihitamkan.

48.5.1.2. Pencapaian Kewangan

a. Secara keseluruhannya, peruntukan siling RMKe-9 bagi 38 projek RKAT ialah sebanyak RM1,742.12 juta. Sehingga bulan Disember 2011, kos bagi 38 projek RKAT ialah sebanyak RM3,206.83 juta iaitu peningkatan sebanyak RM1,464.71 juta (84.1%) daripada peruntukan siling asal. Bagi 12 projek RKAT yang dilawati, kos kontrak asal berjumlah RM1,122.75 juta. Bagaimanapun, kos ini telah meningkat kepada RM1,297.18 juta iaitu peningkatan sebanyak RM174.43 juta (15.5%). Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 48.7
PRESTASI PENCAPAIAN PERBELANJAAN PROJEK RKAT

PROJEK	NILAI ASAL KONTRAK (RM)	TAMBAHAN/ (KURANGAN) (RM)	NILAI KONTRAK SEMASA (RM)	BAYARAN SEHINGGA DISEMBER 2011		BAKI BAYARAN (RM)
				(RM)	(%)	
Kementah 1, Desa Tunku Osman Jiwa	232,508,860	74,575,804	307,084,664	268,054,559	87.3	39,030,105
Kementah 2, Desa Perwira	120,900,740	43,407,306	164,308,046	145,116,928	88.3	19,191,118
Kementah 3, Desa Tunku Mariam	58,576,820	-	58,576,820	53,995,558	92.2	4,581,262
Perumahan Kem Pasifik	146,423,624	14,451,296	160,874,920	145,688,283	90.6	15,186,637
Perumahan TUDM Subang	171,296,180	-	171,296,180	153,359,900	89.5	17,936,280
Perumahan U-Thant 1	94,320,600	31,499,100	125,819,700	117,208,465	93.2	8,611,235
JUMLAH PROJEK RKAT YANG DILAKSANAKAN OLEH SYARIKAT USL	**824,026,824**	**163,933,506**	**987,960,330**	**883,423,693**	**89.4**	**104,536,637**
Perumahan TUDM Ipoh	40,000,000	1,486,488	41,486,488	41,484,700	99.9	1,788
Perumahan TD Ipoh	50,500,000	391,359	50,891,359	49,198,800	96.7	1,692,559

PROJEK	NILAI ASAL KONTRAK (RM)	TAMBAHAN/ (KURANGAN) (RM)	NILAI KONTRAK SEMASA (RM)	BAYARAN SEHINGGA DISEMBER 2011		BAKI BAYARAN (RM)
				(RM)	(%)	
Perumahan TLDM Langkawi Mawilla 3	62,250,000	5,110,502	67,360,502	66,270,300	98.4	1,090,202
Perumahan TUDM Butterworth	30,500,000	(63,028)	30,436,972	27,442,700	90.2	2,994,272
Perumahan TD, Kem Sg. Ara	41,500,000	(453,673)	41,046,327	40,979,800	99.8	66,527
Perumahan TD Sandakan Kem Kinabatangan	73,971,437	4,029,422	78,000,859	63,221,472	81.1	14,779,387
JUMLAH KESELURUHAN	**1,122,748,261**	**174,434,576**	**1,297,182,837**	**1,172,021,465**	**90.4**	**125,161,372**

b. Semakan selanjutnya mendapati 6 projek RKAT di sekitar Lembah Klang yang dilaksanakan oleh Syarikat USL mengalami peningkatan kos yang tinggi iaitu sebanyak RM163.93 juta. Antara faktor yang menyebabkan peningkatan kos tersebut ialah:

i. selepas 10 bulan daripada tarikh tamat kontrak asal, Syarikat USL telah memohon kos tambahan sebanyak RM196.57 juta bagi melantik 8 kontraktor penyelamat untuk kerja-kerja pembinaan yang belum selesai. Pada bulan September 2007, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan ini; dan

ii. Syarikat USL telah sekali lagi membuat rayuan permohonan kos tambahan (peningkatan tahap siling) untuk melantik kontraktor penyelamat bagi projek RKAT Kem Kementah 2 (Pakej 2C) sebanyak RM85.10 juta dan kelulusan telah diberi oleh Kementerian Kewangan pada 27 Julai 2011.

Pada pendapat Audit, pencapaian kewangan projek RKAT yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah kurang memuaskan kerana projek mengalami peningkatan kos keseluruhan yang tinggi iaitu sehingga 84.1%.

48.5.2. Pengurusan Pembinaan

48.5.2.1. Kerja Tidak Sesuai/Tidak Praktikal

Bagi memastikan setiap kerja dilaksanakan dengan sempurna dan mencapai objektif yang ditetapkan, pemantauan perlu dilakukan pada peringkat awal reka bentuk pembinaan. Semakan Audit di 5 projek RKAT mendapati reka bentuk bangunan dan bilik yang dibina tidak sesuai/tidak praktikal. Butiran lanjut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 48.22



RKAT Kem Kementah 3
- Almari Siap Pasang Dan Katil Yang Dibekalkan Tidak Bersesuaian Dengan Keadaan Bilik Yang Kecil Menyebabkan Pintu Almari Tidak Dapat Dibuka Sepenuhnya
(09.01.2012)

GAMBAR 48.23



RKAT TD Kem Kinabatangan, Sandakan, Sabah
- Kipas Dinding Yang Dipasang Di Ruang Tamu Tidak Sesuai Kerana Terlalu Rendah
(21.12.2011)

48.5.2.2. Lokasi Pembinaan RKAT

Kementerian telah mengguna pakai Skala Bangunan Dan Kemudahan ATM, Bab 3 serta Garis Panduan Dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Tahun 2008 yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sebagai asas bagi menyediakan RKAT dalam perkhidmatan ATM. Lawatan Audit ke projek RKAT TUDM Ipoh yang mempunyai 100 unit rumah mendapati 6 unit untuk pegawai dibina dalam kawasan pangkalan manakala 94 unit bagi anggota lain-lain pangkat dibina di daerah Lahat, Perak. Projek RKAT ini dibina berhampiran dengan kilang simen (anggaran 500 meter) yang telah wujud sebelum cadangan pembinaan dilaksanakan (**Gambar 48.24**). Semakan Audit terhadap surat daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak mendapati pihak JAS tidak menyokong cadangan pembinaan projek RKAT di kawasan ini pada tahun 2009 disebabkan kadar pelepasan pencemaran habuk melebihi paras Indeks Pencemar Udara (IPU) pada sesuatu keadaan luar jangka seperti apabila kilang menggandakan operasi dan pemprosesan; kerja-kerja penyenggaraan dan *system breakdown*. Keadaan ini mendedahkan anggota dan ahli keluarga mereka kepada pencemaran udara yang boleh menjejaskan kesihatan.



GAMBAR 48.24

TUDM Ipoh, Perak
- RKAT Dibina Berdekatan Dengan Kilang Simen Menyebabkan Penghuni Terdedah Kepada Pencemaran Udara
(14.09.2011)

Pada pendapat Audit, nasihat Jabatan Alam Sekitar perlu dipatuhi sebelum memutuskan lokasi pembinaan RKAT bagi menjamin kesihatan dan kecergasan warga ATM/keluarga.

48.5.3. Kemudahan RKAT Yang Disediakan

Tentera yang telah berkeluarga di dalam perkhidmatan ATM disediakan tempat tinggal mengikut pangkat dan kelayakan. Semakan Audit mendapati bilangan anggota ATM yang berkeluarga sehingga bulan Disember 2011 bagi 13 projek RKAT yang dilawati (termasuk RKAT TLDM Lumut) adalah seramai 13,848 anggota. Manakala jumlah RKAT yang disediakan adalah sebanyak 15,369 unit iaitu melebihi 1,521 unit daripada kekuatan sebenar anggota ATM yang berkeluarga. Walaupun bilangan RKAT yang disediakan secara keseluruhannya melebihi anggota ATM yang berkeluarga, namun terdapat kekurangan unit RKAT di TUDM Ipoh; TD Ipoh; TLDM Mawilla 3, Langkawi dan TUDM Butterworth. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 48.8
KEDUDUKAN RKAT DISEDIA BERBANDING BILANGAN ANGGOTA BERKELUARGA

PROJEK	BIL. RKAT SEDIA ADA	BIL. RKAT BARU	JUMLAH RKAT	BIL. KEKUATAN DALAM KEM/ PERUMAHAN	BIL. ANGGOTA BERKELUARGA	LEBIHAN/ (KURANGAN)
	(a)	(b)	(c) = (a) + (b)		(d)	(e) = (c) - (d)
Perumahan TLDM Lumut, Perak	4,140	-	4,140	8,381	4,061	79
Perumahan TUDM Ipoh, Perak	141	100	241	349	267	(26)
Perumahan TD Ipoh, Perak	947	174	1,121	2,148	1,631	(510)
Perumahan TLDM Mawilla 3 Langkawi, Kedah	-	122	122	258	216	(94)
Perumahan TUDM Butterworth, Pulau Pinang	599	30	629	1,764	1,352	(723)

PROJEK	BIL. RKAT SEDIA ADA	BIL. RKAT BARU	JUMLAH RKAT	BIL. KEKUATAN DALAM KEM/ PERUMAHAN	BIL. ANGGOTA BERKELUARGA	LEBIHAN/ (KURANGAN)
	(a)	(b)	(c) = (a) + (b)		(d)	(e) = (c) - (d)
Perumahan TD Sg. Ara, Pulau Pinang	342	121	463	441	295	168
Perumahan TD Kem Kinabatangan Sandakan Sabah	284	258*	542	500	213	329
Perumahan Kem Kementah 1, Kuala Lumpur	3,480**	592	6,456	11,309	4,656	1,800
Perumahan Kem Kementah 2, Kuala Lumpur		828				
Perumahan Kem Kementah 3, Kuala Lumpur		410				
Perumahan Kem Pasifik, Kuala Lumpur		834				
Perumahan U-Thant 1, Kuala Lumpur		312				
Perumahan TUDM Subang, Selangor	995	660	1,655	1,462	1,157	498
JUMLAH	**10,928**	**4,441**	**15,369**	**26,612**	**13,848**	**1,521**

Nota: ***(*) - Projek RKAT TD Kem Kinabatangan, Sandakan, Sabah Masih Belum Siap (Projek Sakit)***
(**) - Kawasan Kementah Dan Sekitarnya

48.5.3.1. RKAT Siap Tetapi Tidak Diduduki Sepenuhnya

Antara objektif kemudahan perumahan ini adalah untuk memastikan anggota tentera yang berkhidmat di dalam kem/pangkalan dapat diarah untuk bertugas pada bila-bila masa sekiranya diperlukan dan dapat menjaga keselamatan keluarga ketika anggota tersebut bertugas. Berdasarkan lawatan ke 13 projek RKAT, pihak Audit mendapati daripada 15,111 unit RKAT yang ada, hanya 12,884 unit yang telah diduduki. Manakala baki 2,227 unit lagi sama ada rosak, kosong (walaupun sedia diduduki) atau dijadikan sebagai *Annex*. Butirannya adalah seperti di **Jadual 48.9** dan perenggan berikutnya:

JADUAL 48.9
KEDUDUKAN RKAT SETAKAT BULAN DISEMBER 2011

PROJEK RKAT	BIL. RKAT			BIL. RKAT DIDUDUKI		STATUS BIL. RKAT TIDAK DIDUDUKI					
						ROSAK		KOSONG		*ANNEX*	
	LAMA	BARU	JUMLAH	LAMA	BARU	LAMA	BARU	LAMA	BARU	LAMA	BARU
Perumahan TLDM Lumut, Perak	4,140	-	4,140	3,888	-	241	-	11	-	-	-
Perumahan TUDM Ipoh, Perak	141	100	241	66	100	27	-	44	-	4	-
Perumahan TD Ipoh, Perak	947	174	1,121	512	174	278	-	155	-	2	-
Perumahan Kem Kementah 1, Kuala Lumpur	3,480*	592	6,456	3,201	568	101	5	93	19	85	-
Perumahan Kem Kementah 2, Kuala Lumpur		828			540		-		288		-
Perumahan Kem Kementah 3, Kuala Lumpur		410			410		-		-		-
Perumahan Kem Pasifik, Kuala Lumpur		834			676		16		22		120
Perumahan U-Thant 1, Kuala Lumpur		312			312		-		-		-
Perumahan TUDM Subang, Selangor	995	660	1,655	780	631	96	23	34	6	85	-
Perumahan TLDM Mawilla 3 Langkawi, Kedah	-	122	122	-	121	-	-	-	-	-	1
Perumahan TUDM Butterworth, Pulau Pinang	599	30	629	421	29	163	-	7	1	8	-

PROJEK RKAT	BIL. RKAT			BIL. RKAT DIDUDUKI		STATUS BIL. RKAT TIDAK DIDUDUKI					
						ROSAK		KOSONG		*ANNEX*	
	LAMA	BARU	JUMLAH	LAMA	BARU	LAMA	BARU	LAMA	BARU	LAMA	BARU
Perumahan TD Sungai Ara, Pulau Pinang	342	121	463	198	78	74	-	67	-	3	43
Perumahan TD Kem Kinabatangan Sandakan, Sabah	284	-	284	179	-	51	-	-	-	54	-
JUMLAH	**10,928**	**4,183**	**15,111**	**9,245**	**3,639**	**1,031**	**44**	**411**	**336**	**241**	**164**
JUMLAH KESELURUHAN	**15,111**			**12,884**		**1,075**		**747**		**405**	

Nota: (*) – Kawasan Kementah Dan Sekitarnya

a. **RKAT Rosak Tidak Dapat Diduduki**

Sebanyak 44 unit RKAT baru dan 1,031 unit RKAT lama adalah dalam keadaan rosak teruk dan memerlukan kos pembaikan yang tinggi. Kesemua RKAT baru rosak teruk semenjak siap pembinaannya dan tidak boleh diduduki iaitu 23 unit di TUDM Subang, 16 unit di Kem Pasifik dan 5 unit di Kem Kementah 1. Antara kerosakan yang diperhatikan semasa lawatan Audit ialah sistem paip dan saluran najis yang tidak sempurna menyebabkan siling reput dan runtuh seperti di **Gambar 48.25** dan **48.26**. Tambahan pula RKAT tersebut dibiarkan begitu sahaja sejak diambil alih antara tahun 2006 hingga 2009 tanpa sebarang pembaikan dan penyenggaraan. Selanjutnya 1,031 unit RKAT lama mengalami kerosakan teruk kerana tidak disenggarakan dengan sewajarnya. Keadaan ini menjejaskan unit RKAT yang berhampiran serta menimbulkan ketidakselesaan kepada penghuni sedia ada.

GAMBAR 48.25



RKAT Kem Kementah 1, Blok 3 Jenis C+
- Unit Yang Masih Baru Rosak Teruk Dan Almari Pasang Siap Menggunakan Kayu Yang Berkualiti Rendah Telah Runtuh Akibat Serangan Anai-anai (09.01.2012)

GAMBAR 48.26



RKAT Kem Pasifik, Blok H
- Siling Bilik Air Di Salah Satu Unit RKAT Runtuh Akibat Kebocoran Saluran Paip Buangan/Najis (13.01.2012)

b. **RKAT Yang Masih Kosong**

Berdasarkan **Jadual 48.10**, adalah didapati 747 unit masih kosong di mana 288 unit di Kementah 2 belum memperoleh Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan; 155 unit RKAT di Perumahan TD Ipoh dan 44 unit di TUDM Ipoh dikosongkan setelah proses pemindahan dari RKAT lama ke RKAT baru; 40 unit di TUDM Subang dan 11 unit di TLDM Lumut memerlukan kerja penyenggaraan kecil. Manakala sebanyak 67 unit di TD Sg. Ara Pulau Pinang, 8 unit di TUDM Butterworth dan 134 unit RKAT di Kem Kementah sedang dalam proses pengisian oleh anggota yang tinggal/menyewa di luar.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 20 Jun 2012

Daripada 411 unit RKAT lama, 40% daripadanya tidak ekonomi untuk dibaiki dan pelupusan akan dilaksanakan kelak manakala 60% lagi dalam proses pembaikan. Bagi 336 unit RKAT baru, Kementerian sedang memproses kemasukan anggota berkeluarga sejak bulan Februari 2012.

c. **Penyenggaraan RKAT TLDM Lumut**

Penyenggaraan RKAT TLDM Lumut, Perak dilaksanakan oleh JKR dan KD Malaya bertanggungjawab terhadap pengurusan keseluruhan RKAT di pangkalan ini. Jumlah keseluruhan RKAT di TLDM Lumut adalah sebanyak 4,140 unit. Daripada jumlah tersebut, 3,888 unit telah didiami; 241 unit mengalami kerosakan teruk dan memerlukan penyenggaraan; 9 unit dalam keadaan baik tetapi tidak didiami; satu unit telah dirobohkan dan satu unit lagi telah terbakar.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 20 Jun 2012

***Tindakan pembaikan sedang diambil*.**

Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 48.10** serta **Gambar 48.27**.

JADUAL 48.10
KEDUDUKAN KEKUATAN RKAT TLDM LUMUT SETAKAT BULAN DISEMBER 2011

RKAT MENGIKUT KELAS	BIL. UNIT	STATUS RKAT				CATATAN
		DIDUDUKI	KOSONG (ROSAK)	KOSONG (BAIK DAN TIDAK DIDUDUKI)	LAIN-LAIN	
A	1	-	-	1	-	Banglo Armada
B	9	7	-	-	2	• Satu unit telah dirobohkan dan kini tapak kosong. • Satu unit rosak akibat terbakar.
C+	27	24	2	1	-	Dalam Senggaraan
C Mod	29	29	-	-	-	-
C Flat	126	119	1	6	-	-
DE	132	131	-	1	-	-
F	1,272	1,267	5	-	-	-
G	2,544	2,311	233	-		Rosak Teruk Dan Perlu Dibaiki
JUMLAH	**4,140**	**3,888**	**241**	**9**	**2**	



GAMBAR 48.27

RKAT TLDM Lumut, Perak
- Unit RKAT Yang Rosak Teruk Akibat Siling Bocor Dan Kebakaran
(13.09.2011)

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu mengambil tindakan sewajarnya dengan memastikan unit yang rosak diperbaiki dan unit siap yang boleh diduduki diisi dengan segera. Ini bagi memastikan objektif Kementerian dalam menyediakan kemudahan RKAT bagi anggota ATM tercapai dan Kerajaan memperoleh *value for money* dalam perbelanjaannya.

48.5.3.2. Pembekalan Perabot

Kementerian Kewangan pada bulan Disember 2003 telah meluluskan permohonan Kementerian untuk menyediakan kemudahan perabot bagi 10 projek RKAT di Lembah Klang dengan anggaran kos sebanyak RM18.50 juta secara rundingan terus dengan 12 syarikat. Bagi lain-lain projek yang disemak, kemudahan perabot dibekalkan sama ada melalui kontrak berasingan atau di bawah peruntukan kos sementara dalam kos kontrak asal. Semakan Audit mendapati perbelanjaan bagi pembekalan perabot melalui

kontrak berasingan adalah berjumlah RM30.28 juta. Pemeriksaan Audit mendapati kualiti perabot yang dibekalkan di 8 projek RKAT adalah kurang memuaskan seperti di **Gambar 48.28** hingga **48.34**. Selain itu, perabot telah dibekalkan di RKAT TD Kem Kinabatangan, Sandakan, Sabah walaupun masih belum diluluskan skop/spesifikasinya.

GAMBAR 48.28



RKAT TUDM Ipoh, Perak
- Set Sofa Jenis Yang Tidak Berkualiti
(14.09.2011)

GAMBAR 48.29



TD Kem Kinabatangan, Sandakan, Sabah
- Perabot Dibekalkan Sebelum Kelulusan Skop/Spesifikasi
(21.11.2011)

GAMBAR 48.30



RKAT Jalan U-Thant 1
- Katil Yang Dibekalkan Berkualiti Rendah, Papan Yang Menampung Tilam Nipis Dan Mudah Patah
(16.01.2012)

GAMBAR 48.31



RKAT Kem Kementah 1
- Katil Yang Dibekalkan Tidak Berkualiti, Papan Yang Menampung Tilam Nipis Dan Mudah Patah
(09.01.2012)

GAMBAR 48.32



RKAT Mawilla 3 Langkawi, Kedah
- Lantai Katil Diperbuat Dari Plywood Yang Nipis Serta Mudah Melengkung Jika Bebanan Berlebihan
(20.10.2011)

GAMBAR 48.33



RKAT Kem Sg. Ara Pulau Pinang
- Kerusi Meja Solek Berkualiti Rendah Dan Mudah Tertanggal
(29.11.2011)



GAMBAR 48.34

RKAT Kem TUDM Butterworth, Pulau Pinang
- Meja Sisi Katil Berkualiti Rendah Dan Mudah Tertanggal
(01.12.2011)

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 20 Jun 2012

Bekalan perabot di RKAT TD Kem Kinabatangan Sandakan, Sabah, Kementerian telah bersetuju dengan cadangan perabot yang disyorkan oleh kontraktor semasa lawatan ke kilang. Namun begitu, mock up yang telah disediakan oleh kontraktor tidak menepati spesifikasi dan kontraktor gagal untuk membuat penggantian dalam tempoh yang ditetapkan. Seterusnya skop ini telah dikeluarkan daripada kontrak dan Kementerian akan melantik pihak ketiga untuk menyediakan perabot berkenaan.

48.5.3.3. Kepuasan Penghuni

Bagi menilai tahap kepuasan penghuni terhadap kemudahan RKAT yang disediakan oleh Kementerian, pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada penghuni di 12 RKAT yang dilawati. Soal selidik ini bertujuan menilai ulasan dan cadangan penghuni terhadap keadaan RKAT, perabot yang disediakan, tindakan terhadap aduan penghuni dan juga cadangan bagi menambah baik kemudahan RKAT. Berdasarkan 330 borang soal selidik yang telah dikembalikan, hanya 35.8% berpuas hati dengan keadaan fizikal RKAT yang disediakan manakala 64.2% tidak berpuas hati dengan keadaan fizikal RKAT yang mempunyai kecacatan pembinaan yang tinggi dan juga kerosakan berulang. Bagi kemudahan perabot pula, 75.8% berpuas hati kerana RKAT dilengkapi dengan perabot. Penilaian penghuni terhadap kualiti perabot yang disediakan pula mendapati 63.3% penghuni tidak berpuas hati dengan keadaan perabot yang disediakan iaitu mudah rosak dan usang disebabkan kualiti yang rendah. Selain itu, 63.6% tidak berpuas hati terhadap aduan kerosakan yang lewat diambil tindakan. Penghuni terpaksa membuat aduan berulang dan tinggal dalam keadaan yang tidak selesa akibat kerosakan dan kecacatan pembinaan terutamanya sistem saliran air serta saluran najis yang tidak sempurna. Secara umumnya, semua penghuni berpendapat kemudahan RKAT perlu ditambah baik dengan cara membaiki kerosakan segera serta menjalankan penyenggaraan yang sistematik dan berkala. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 48.11
TAHAP KEPUASAN PENGHUNI TERHADAP KEMUDAHAN RKAT YANG DISEDIAKAN

PERKARA	TAHAP KEPUASAN PENGHUNI			
	BERPUAS HATI		TIDAK BERPUAS HATI	
	BIL. PENGHUNI	(%)	BIL. PENGHUNI	(%)
Kemudahan RKAT Perlu Disediakan	330	100	-	-
Kualiti RKAT Yang Disediakan	118	35.8	212	64.2
Kemudahan Perabot Perlu Disediakan	250	75.8	80	24.2
Kualiti Perabot Yang Disediakan	121	36.7	209	63.3
Tindakan Terhadap Aduan Penghuni	120	36.4	210	63.6

Berdasarkan maklum balas penghuni, dapat dirumuskan bahawa objektif projek RKAT tidak tercapai sepenuhnya kerana tahap kecacatan pembinaan yang tinggi, kerosakan berulang, aduan penghuni lewat diambil tindakan dan kualiti perabot yang rendah serta mudah rosak.

48.5.4. Penyerahan *As-built Drawing*

Projek RKAT Mawilla 3, Langkawi Kedah dilaksanakan secara *design and build.* Mengikut kaedah ini, pihak kontraktor perlu membina RKAT berdasarkan *brief* projek yang telah dipersetujui antara kontraktor dan agensi pelaksana. Bilangan unit RKAT yang disediakan di

bawah projek ini adalah 122 unit (20 unit untuk pegawai dan 102 unit untuk lain-lain pangkat). Klausa kontrak telah menetapkan bahawa sebelum kontraktor menjalankan kerja-kerja pembinaan atau sebahagiannya dalam tempoh kontrak, kontraktor tanpa sebarang caj kepada Kerajaan perlu mengemukakan kepada agensi pelaksana sebagai Pengarah Projek yang dilantik oleh Kementerian 2 salinan lukisan terperinci dan dokumen pembinaan yang berkaitan. Semakan Audit mendapati sehingga tarikh pengauditan, *as-built drawing* dan dokumen berkaitan masih belum dikemukakan kepada agensi pelaksana walaupun projek telah diperakukan siap pada 29 Ogos 2010.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 20 Jun 2012

Peringatan awal telah diberi kepada kontraktor melalui siri mesyuarat tapak supaya menyediakan draf as-built drawing selepas kerja berkaitan disiapkan. Notis peringatan juga dikeluarkan kepada kontraktor supaya mengemukakan as-built drawing bagi memudahkan kerja penyenggaraan oleh pasukan. Mesyuarat koordinasi turut diadakan bagi menggesa kontraktor agar memajukan segera as-built drawing, manual operasi dan sijil-sijil jaminan.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memantau dengan rapi bagi memastikan kontraktor mengemukakan *as-built drawing* bagi membolehkan Agensi Pelaksana mengesahkan reka bentuk dan kemudahan yang sepatutnya dilaksanakan.

48.5.5. Pelaksanaan Penyenggaraan

Pihak kem/pasukan perlu menyediakan rancangan penyenggaraan bagi mengekalkan tahap boleh guna RKAT, kemudahan dan persekitarannya. Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995 juga menjelaskan pengurusan penyenggaraan aset perlu dijalankan dengan cekap dan berkesan untuk memelihara aset Kerajaan serta menjimatkan perbelanjaan dan kos penggantian. Penyenggaraan melibatkan 2 peringkat iaitu penyenggaraan pencegahan dan pembaikan. Semakan Audit mendapati Kentonmen Kementah telah diwujudkan sebagai pasukan *ad-hoc* mulai bulan Januari 2011 yang mengambil alih pengurusan, logistik dan penyenggaraan 6,456 unit RKAT di bawah tanggungjawabnya. Anggaran kos penyenggaraan yang berjumlah RM14 juta bagi RKAT baru dan RM8.50 juta bagi RKAT lama telah dipohon tetapi hanya sejumlah RM5.50 juta sahaja diluluskan. Jumlah ini tidak dapat menampung keperluan sebenar bagi kerja-kerja penyenggaraan.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 20 Jun 2012

Peruntukan yang disediakan sebanyak RM5.50 juta adalah tidak mencukupi untuk menyenggara 9 kompleks di bawah Kentonmen Kementah bagi tahun 2012. Keperluan sebenar adalah RM22.50 juta. Oleh kerana kekurangan tersebut, Kementerian telah memohon tambahan RM8.50 juta untuk tahun 2012 yang masih lagi dalam tindakan Kementerian Kewangan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi penyenggaraan bagi RKAT lama dan RKAT baru masih tidak memuaskan berikutan kekurangan peruntukan. Selain itu, penyenggaraan yang dibuat lebih kepada aspek pembaikan jangka pendek yang akan menyebabkan kerosakan berulang dan memerlukan kos pembaikan secara berterusan di masa hadapan.

48.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan Kerajaan mendapat *value for money* atas perbelanjaan yang dilakukan, adalah disyorkan Kementerian Pertahanan mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

48.6.1. Memastikan kesemua unit RKAT sedia ada digunakan secara optimum bagi memenuhi keperluan anggota ATM yang berkeluarga. Kementerian perlu mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengisi RKAT kosong dan memperbaiki unit RKAT yang rosak.

48.6.2. Melaksanakan pengurusan nilai bagi semua projek yang bernilai RM50 juta seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bil. 3 Tahun 2009 mengenai garis panduan pelaksanaan pengurusan nilai (value management) untuk mendapat *value for money* dalam perbelanjaannya.

48.6.3. Memastikan kontraktor yang dilantik bagi kerja-kerja pembinaan dan penyediaan kemudahan RKAT adalah berkelayakan dan berwibawa.

48.6.4. Memastikan klausa kontrak dikuatkuasakan bagi menjamin kepentingan Kerajaan serta mengelakkan implikasi kewangan yang akan merugikan Kerajaan.

48.6.5. Membuat pemeriksaan dan memastikan kontraktor membaiki sebarang kerosakan/kecacatan yang ditemui dengan segera sebelum memulangkan Bon Pelaksanaan atau sebelum Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat. Pelarasan harga projek bagi kerja-kerja yang tidak disempurnakan oleh kontraktor hendaklah dibuat.

48.6.6. Memantau dengan lebih rapi kerja-kerja pembinaan RKAT supaya kontraktor mematuhi spesifikasi dan aspek kualiti serta memastikan tiada pekerja asing mendiami bangunan yang sedang dibina.

48.6.7. Membuat pemeriksaan dan memastikan kontraktor membuat penggantian segera bagi perabot yang tidak mengikut spesifikasi dan tidak berkualiti. Selain itu, Kementerian wajar meningkatkan pemantauan semasa proses perabot dibawa masuk oleh Kontraktor supaya perabot yang tidak mengikut spesifikasi dan tidak berkualiti ditolak sebelum dibekalkan ke unit RKAT yang berkaitan.

48.6.8. *Design Audit* perlu dijalankan oleh perunding sebelum pembinaan dimulakan supaya masalah reka bentuk kurang praktikal dapat diminimumkan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 390-398 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN PERTAHANAN

49. JABATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA
- PENGURUSAN PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA

49.1. LATAR BELAKANG

49.1.1. Pada 28 Mei 2003, Kerajaan telah meluluskan cadangan pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara dan Akta Latihan Khidmat Negara 2003 telah diluluskan oleh Parlimen pada 7 Julai 2003. Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) merupakan kursus latihan wajib bagi mereka yang terpilih untuk menanam semangat patriotisme di kalangan generasi muda atau remaja Malaysia; memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif (character building) menerusi nilai-nilai murni. Mengikut Akta Latihan Khidmat Negara 2003, mereka yang berumur antara 16 hingga 35 tahun dikehendaki mengikuti latihan ini. Latihan dijalankan di kem yang diluluskan oleh Kerajaan selama 3 bulan dan ia merangkumi modul fizikal, kenegaraan, pembinaan karakter dan khidmat komuniti.

49.1.2. Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) telah ditubuhkan di bawah Kementerian Pertahanan (Kementerian) pada bulan Oktober 2003 bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan PLKN berjalan dengan lancar. JLKN bertanggungjawab menyediakan kurikulum program yang dilaksanakan berdasarkan kepada komponen yang ditetapkan. Sehingga 31 Disember 2011, Kementerian Kewangan telah meluluskan sebanyak 87 kem yang beroperasi di bawah JLKN. Sehingga tempoh pengauditan, sebanyak 81 kem sedang beroperasi, 3 dalam pembinaan, 2 ditutup sementara dan satu kem masih menunggu Surat Setuju Terima. Seramai 596,604 pelatih telah menyertai program ini bagi tempoh tahun 2004 hingga 2011.

49.1.3. JLKN diluluskan peruntukan kewangan berjumlah RM2.031 bilion iaitu RM661.43 juta (2009); RM617.10 juta (2010) dan RM752.92 juta (2011). Sejumlah RM1.980 bilion atau 97.5% telah dibelanjakan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011.

49.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada PLKN diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

49.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi pengurusan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan program latihan khidmat negara bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Lawatan telah dijalankan di 7 kem PLKN yang dipilih iaitu Kem Paya Indah, Selangor; Kem Princess Haliza, Selangor; Kem Sri Perkasa Mantin, Negeri Sembilan; Kem Cahaya Gemilang, Pahang; Kem White Resort, Balik Pulau, Pulau Pinang; Kem KK Di Bawah Bayu, Sabah; dan Kem PLKN Bukit Saban, Betong, Sarawak.

49.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak kontrak dan *Schedule Of Compliance* (SOC), serta rekod dan dokumen yang berkaitan. Selain itu, lawatan fizikal dan perbincangan dengan pegawai yang berkaitan juga telah dilakukan.

49.5. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bagi 7 kem yang dilawati adalah kurang memuaskan. Di antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

i. terdapat beberapa aspek kemudahan kem seperti blok kediaman pelatih, blok penginapan dan bilik rehat jurulatih serta kemudahan latihan tidak mematuhi *Schedule of Compliance* (SOC) seperti di dalam kontrak;

ii. perkhidmatan bas tidak dioptimumkan penggunaannya; dan

iii. tuntutan bayaran sajian tidak dibuat dengan wajar.

Butiran lanjut mengenainya dan maklum balas pihak yang terlibat adalah seperti di perenggan berikut.

49.5.1. Prestasi Pencapaian Keseluruhan Latihan

49.5.1.1. Teras PLKN adalah untuk membentuk sebuah masyarakat yang berdisiplin, bersemangat, berkeyakinan diri, setia kepada negara, sentiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran serta memupuk kerjasama dan perpaduan di kalangan pelbagai kaum. Proses pemilihan dilaksanakan melalui dua peringkat iaitu peringkat pertama menggunakan kaedah Sistem *Monte Carlo Randoma Algorithm* berasaskan tahun kelahiran berdasarkan data daripada Jabatan Pendaftaran Negara. Bagi peringkat kedua, JLKN memilih secara rawak daripada data tersebut berdasarkan peruntukan kewangan yang diluluskan melibatkan sasaran 90,000 pelatih setahun.

49.5.1.2. Semakan Audit mendapati JLKN berjaya melatih antara 83.7% hingga 99.3% pelatih daripada sasaran yang ditetapkan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Bagaimanapun, berdasarkan peruntukan yang diterima JLKN hanya mampu melatih antara 17.6% hingga 18.3% pelatih berbanding jumlah kelahiran tahun 1991 hingga 1993 bagi Siri PLKN yang dilaksanakan pada tahun 2009 hingga 2011. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 49.1
PERBANDINGAN SASARAN DAN JUMLAH KELAHIRAN DENGAN KEHADIRAN PELATIH MENGIKUT TAHUN

TAHUN	SASARAN TAHUNAN (Pelatih)	KELAHIRAN		JUMLAH MENGHADIRI PLKN	PERATUS KEHADIRAN BERBANDING SASARAN (%)	PERATUS KEHADIRAN BERBANDING KELAHIRAN (%)
		TAHUN	JUMLAH			
2009	90,000	1991	491,903	89,405	99.3	18.3
2010		1992	508,571	76,959	85.5	17.7
2011		1993	514,553	75,346	83.7	17.6

49.5.1.3. Prestasi Kewangan

JLKN telah membelanjakan 97.5% peruntukan yang diperolehnya bagi pengurusan 81 kem PLKN di seluruh negara bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 seperti di **Jadual 49.2**. Antara bayaran yang diuruskan oleh JLKN merupakan bayaran yang melibatkan kontrak seperti perkhidmatan prasarana, sajian, bas, kenderaan statik, elaun pelatih dan lain-lain kontrak bekalan.

JADUAL 49.2
PERUNTUKAN KEWANGAN DAN PERBELANJAAN PLKN BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (%)
2009	661.43	659.52	99.7
2010	617.10	602.62	97.7
2011	752.92	717.51	95.3
JUMLAH	**2,031.45**	**1,979.65**	**97.6**

49.5.2. Pengurusan Program

Pengurusan PLKN meliputi antaranya proses pemilihan peserta, penyediaan kemudahan prasarana dan sajian, kemudahan latihan dan pengangkutan serta pengurusan bayaran. Semakan Audit terhadap pengurusan PLKN mendapati perkara seperti berikut:

49.5.2.1. Pemilihan Peserta

Pemilihan peserta dilaksanakan menggunakan kaedah *Sistem Monte Carlo Randoma Algorithm* berasaskan tahun kelahiran berdasarkan data daripada Jabatan Pendaftaran Negara. Calon yang terpilih perlu mengikuti latihan di kem PLKN yang ditetapkan selama 3 bulan dengan menjalani 4 modul latihan yang ditetapkan iaitu modul pembinaan karakter, kenegaraan, khidmat komuniti dan fizikal. Kapasiti bilangan pelatih yang boleh ditempatkan di kem telah ditetapkan melalui Surat Setuju Terima (SST).

Semakan Audit ke 7 kem PLKN mendapati daripada 35,402 orang yang ditawarkan hanya seramai 20,833 orang (58.9%) telah berjaya menamatkan latihan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Perbezaan jumlah pelatih yang tamat latihan daripada jumlah yang ditawarkan disebabkan terdapat pelatih yang ingkar dari menjalani latihan; pelatih dibenarkan penangguhan, pengecualian dan pelepasan awal; pelatih sukarela dan pelatih kemasukan semula. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 49.3
STATISTIK PELATIH BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

KEM PLKN	KAPASITI BIL. PELATIH MENGIKUT KONTRAK	TAHUN	PELATIH YANG DITAWARKAN	PELATIH HADIR LATIHAN	PELATIH TAMAT LATIHAN
Paya Indah	468 x 3 Kumpulan	2009	1,779	1,097	1,108*
		2010	1,704	1,045	940
		2011	1,835	1,018	948
Princess Haliza	468 x 3 Kumpulan	2009	1,822	1,017	1,042*
		2010	1,846	1,009	1,054*
		2011	1,828	1,005	994
Sri Perkasa	468 x 3 Kumpulan	2009	1,828	1,175	910
		2010	1,678	1,048	994
		2011	1,847	940	873
White Resort	465 x 3 Kumpulan	2009	1,962	1,409	1,359
		2010	1,689	1,032	953
		2011	1,830	666	881*
Cahaya Gemilang	415 x 3 Kumpulan	2009	1,628	1,184	1,038
		2010	1,414	1,012	922
		2011	1,591	957	915
KK Di Bawah Bayu	350 x 3 Kumpulan	2009	1,587	1,179	1,157
		2010	1,449	881	912*
		2011	1,563	1,088	1,063
Bukit Saban	415 x 3 Kumpulan	2009	1,607	944	954*
		2010	1,346	950	907
		2011	1,569	964	909
JUMLAH			**35,402**	**21,620**	**20,833**

Nota: (*) – Termasuk Peserta Yang Menangguhkan Latihan Pada Tahun Sebelumnya

Pada pendapat Audit, JLKN perlu mempertingkatkan promosi mengenai PLKN supaya semua pihak memahami teras dan objektif PLKN bagi menarik minat bakal pelatih menyertai program tersebut. Selain itu, JLKN hendaklah mengambil tindakan terhadap pelatih yang ingkar menghadiri latihan berdasarkan perundangan yang ditetapkan.

49.5.2.2. Kemudahan Kem PLKN

JLKN telah menandatangani beberapa kontrak dengan 81 operator kem PLKN bagi menyediakan Perkhidmatan A dan Perkhidmatan Sajian. Perkhidmatan A ialah penyewaan kemudahan prasarana termasuk bangunan, elemen latihan darat dan air, kemudahan latihan sukan, aktiviti sukan, aktiviti hutan dan kelengkapan serta peralatan dalam bangunan kem berdasarkan spesifikasi keperluan *Schedule of Compliance* (SOC) yang ditetapkan oleh Kerajaan. Semakan Audit di 7 kem yang dipilih mendapati operator kem mematuhi keperluan SOC yang ditetapkan kecuali beberapa perkara seperti berikut:

a. Blok Kediaman Pelatih

Berdasarkan SOC, operator kem dikehendaki menyediakan bangunan kediaman kekal bagi pelatih lelaki dan wanita masing-masing yang boleh memuatkan antara 150 hingga 200 orang pelatih. Setiap blok penginapan boleh memuatkan 25 orang pelatih dan turut menempatkan bilik bertugas bagi seorang jurulatih. Lawatan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. Bilik bertugas jurulatih di 5 daripada 7 kem yang dilawati tidak menepati ukuran keluasan 24 meter persegi yang ditetapkan. Sebaliknya bilik tersebut hanya berkeluasan antara 17.37 hingga 20.77 meter persegi seperti ditunjukkan dalam jadual berikut:

JADUAL 49.4
KEMUDAHAN BANGUNAN YANG DISEDIAKAN TIDAK MENEPATI UKURAN KELUASAN

KEM PLKN	SYARAT KONTRAK	KELUASAN SEBENAR
Paya Indah	Bilik bertugas jurulatih 24 meter persegi lengkap dengan bilik air	Bilik bertugas jurulatih 5.4 meter x 3.8 meter = 20.52 meter persegi
Sri Perkasa		Bilik bertugas jurulatih 5.54 meter x 3.5 meter = 19.39 meter persegi
White Resort		Bilik bertugas jurulatih 5.2 meter x 3.34 meter = 17.37 meter persegi
Princess Haliza		Bilik bertugas jurulatih 6 meter x 3 meter = 18.00 meter persegi
Cahaya Gemilang		Bilik bertugas jurulatih 5.77 meter x 3.6 meter = 20.77 meter persegi

Maklum balas Jabatan Latihan Khidmat Negara yang diterima pada 13 Jun 2012

Perakuan Siap Kerja (CPC) bagi Kem PLKN Paya Indah; Kem PLKN Seri Perkasa, Mantin; Kem PLKN White Resort; Kem PLKN Princess Haliza dan Kem PLKN Cahaya Gemilang telah dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan, Kementerian yang menyatakan kerja penyediaan kemudahan prasarana dan latihan termasuk kelengkapan dan peralatan telah disiapkan dengan memuaskan. Bagi kem yang dibina menggunakan tapak khemah sedia ada penambahan bilik jurulatih bertugas terpaksa dibina menggunakan ruang yang bersesuaian dengan tapak khemah sedia ada serta bergantung kepada bentuk muka bumi kem PLKN tersebut.

ii. Penghadang (hoarding) keliling setinggi 6 kaki atau lebih adalah diperlukan untuk blok kediaman wanita (**Gambar 49.1**). Pemeriksaan Audit mendapati bahagian hadapan blok kediaman wanita di Kem PLKN White Resort hanya dihadang oleh pokok bunga hiasan seperti ditunjukkan dalam **Gambar 49.2**.

Maklum Balas Jabatan Latihan Khidmat Negara Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

JLKN Mengakui penghadang hanya dipasang di bahagian belakang blok kediaman wanita sahaja.

GAMBAR 49.1



Kem PLKN Princess Haliza
- Penghadang Blok Kediaman Wanita Mengikut SOC
(11.01.2012)

GAMBAR 49.2



Kem PLKN White Resort
- Blok Kediaman Wanita Dihadang Oleh Pokok Bunga Hiasan Di Bahagian Hadapan
(12.12.2011)

b. Blok Penginapan Dan Bilik Rehat Jurulatih

Operator kem perlu menyediakan blok jurulatih dan staf pentadbiran yang boleh memuatkan minimum 65 orang; keperluan bilik mandi tanpa kolah; satu bilik Kem Komandan dan 2 bilik berasingan Timbalan Kem Komandan dilengkapi dengan bilik air. Bilik rehat jurulatih pula perlu berkeluasan 60 meter persegi dan dilengkapi dengan kemudahan televisyen, kerusi meja serta 3 jenis surat khabar. Semakan Audit mendapati semua kem dilawati mematuhi SOC yang ditetapkan kecuali perkara seperti berikut:

i. Kem PLKN Cahaya Gemilang, Pahang tidak mengasingkan (share) bilik air bagi penginapan Timbalan Kem Komandan Pengurusan (TKP) dan Timbalan Kem Komandan Latihan (TKL). Ini memberi kesan sekiranya TKP dan TKL berkaitan berlainan jantina.

ii. Kem PLKN Bukit Saban, Betong Sarawak menempatkan bilik jurulatih dan bilik rehat Timbalan Kem Komandan di blok bilik mandi yang diubah suai. **Gambar 49.3** menunjukkan bilik penginapan jurulatih dan **Gambar 49.4** menunjukkan kedudukan bilik penginapan bersebelahan dengan tangki antiseptik yang sering melimpah apabila hujan. Keluasan bilik rehat jurulatih hanya berukuran 34.88 meter persegi (5.45 meter x 6.40 meter).

GAMBAR 49.3



Kem PLKN Bukit Saban, Betong, Sarawak
- Bilik Penginapan Jurulatih Di Blok Bilik Mandi Yang Diubah Suai
(24.11.2011)

GAMBAR 49.4



Kem PLKN Bukit Saban, Betong, Sarawak
- Bilik Penginapan Jurulatih Di Blok Bilik Mandi Yang Diubah Suai Bersebelahan Dengan Tangki Antiseptik
(24.11.2011)

c. Kemudahan Latihan

Operator Kem perlu menyediakan kemudahan latihan darat dan air seperti dinyatakan dalam kontrak yang ditandatangani dan SOC yang ditetapkan. Antara kemudahan latihan yang perlu disediakan adalah seperti padang kawad berkeluasan 50 x 50 meter, kawasan *jungle tracking,* elemen rendah seperti *hole in one; all on board; king finger; tension traverse; hickory jump* dan *swinging tyre;* elemen tinggi seperti *flying fox*; *fidget ladder; postman walk; abseiling* dan *repelling* serta sirkit merempuh halangan seperti *vault; swinging board;* 1.8 meter *wall; graduated balance walked; monkey rack; swinging over ditch; tunnel; wire grating* dan 3.0 meter *wall.* Pemeriksaan Audit terhadap kemudahan latihan yang disediakan mendapati perkara seperti berikut:

i. Sirkit Merempuh Halangan

Jarak minimum antara setiap elemen sirkit merempuh halangan yang ditetapkan dalam SOC adalah 40 kaki. Jarak yang ditetapkan adalah bagi memenuhi keperluan keselamatan. Temu bual dengan jurulatih modul fizikal di kem berkenaan mendapati ketidakpatuhan jarak tersebut boleh mengundang kecederaan kepada pelatih semasa menjalani latihan. Pemeriksaan Audit mendapati semua 7 kem yang dilawati tidak mematuhi sepenuhnya jarak yang ditetapkan seperti di jadual berikut:

JADUAL 49.5
JARAK ANTARA ELEMEN SIRKIT MEREMPUH HALANGAN DI KEM YANG DILAWATI

ELEMEN	JARAK ANTARA ELEMEN	PAYA INDAH	KK DI BAWAH BAYU	BUKIT SABAN	SRI PERKASA	WHITE RESORT	PRINCESS HALIZA	CAHAYA GEMILANG
Ukuran SOC	-	40 Kaki	40 Kaki	40 Kaki	40 Kaki	40 Kaki	40 Kaki	40 Kaki
a. *Vault*		✓	✓	✓	✓	✗	✓	✓
b. *Swinging Board*	a ke b	56.20	40.00	46.50	92.00	TB	62.00	37.00
c. *1.8 Meter Wall*	b ke c	63.90	17.60	60.00	42.00	36.20	72.00	49.80
d. *Graduated Balance Walk*	c ke d	55.10	16.70	46.50	63.00	36.30	56.00	49.40
e. *Monkey Rack*	d ke e	114.00	44.00	44.00	57.00	40.00	63.00	50.70
f. *Swinging Over Ditch*	e ke f	86.10	24.50	114.00	45.00	30.00	99.00	51.00
g. *Tunnel*	f ke g	49.10	19.70	32.00	55.00	39.90	55.00	48.40
h. *Wire Grating*	g ke h	77.60	15.00	75.00	90.50	32.00	55.00	52.00
i. *3.0 Meter Wall*	h ke i	95.00	23.30	28.00	40.50	31.60	87.00	55.80

Nota: ***✓- Disediakan*** ***✗ - Tidak Disediakan*** ***TB - Tidak Berkaitan***
SOC - Schedule of Compliance

Maklum Balas Jabatan Latihan Khidmat Negara Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Jarak antara sirkit merempuh halangan yang dinyatakan dalam SOC adalah sebagai panduan sahaja dan pembinaan sebenarnya tertakluk kepada kontur tanah.

ii. Kemudahan Latihan Air

Operator kem juga perlu menyediakan kemudahan latihan air seperti *rafting, canoeing/kayaking, river crossing* dan *floatation.* Antara kelengkapan atau peralatan yang perlu disediakan ialah 30 kenu *sit in* (20 double dan 10 single seater); jaket pelampung dan *paddle* yang boleh menampung satu platun (25 peserta) dalam satu masa dan satu bot penyelamat jenis getah dengan muatan minimum 6 penumpang. Bagi semua latihan air operator kem perlu menyediakan sekurang-kurangnya 110 jaket pelampung. Pemeriksaan Audit mendapati 4 daripada 7 kem yang dilawati tidak mematuhi sebahagian SOC yang ditetapkan seperti di jadual berikut:

JADUAL 49.6
KELENGKAPAN KEMUDAHAN LATIHAN AIR

KEM PLKN	*KENU SIT IN 20 DOUBLE/10 SINGLE*	BOT PENYELAMAT	JAKET PELAMPUNG KESELAMATAN
Paya Indah	✓	✓	× (60)
KK Di Bawah Bayu	× (10/10)	✓	✓
Bukit Saban	× (18/11)	✓	✓
Sri Perkasa	✓	✓	✓
White Resort	× (10/11)	✓ (Fibre Glass)	✓
Princess Haliza	✓	✓	✓
Cahaya Gemilang	✓	✓	✓

Nota: ***✓- Mematuhi SOC*** ***× - Tidak Mematuhi SOC***

d. Denda Ke Atas Perkhidmatan A Yang Tidak Memuaskan

Mengikut perenggan 5 dalam Surat Setuju Terima, Perkhidmatan A yang tidak memuaskan, lewat dibekalkan atau gagal dibekalkan, Kerajaan berhak memotong jumlah sewa Perkhidmatan A berdasarkan bilangan pelatih dan hari perkhidmatan A tidak disediakan. Denda akan dikenakan sebanyak RM10 seorang sehari daripada sewa Perkhidmatan A bagi tempoh minggu pertama hingga minggu kedua semasa latihan dijalankan dan seterusnya sebanyak RM15 seorang sehari daripada sewa Perkhidmatan A bagi tempoh minggu ketiga dan seterusnya. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sepanjang tempoh penubuhan JLKN, tiada denda dikenakan ke atas operator kem walaupun Perkhidmatan A didapati tidak memuaskan.

Maklum Balas Jabatan Latihan Khidmat Negara Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Draf Kertas Penubuhan Jawatankuasa Teknikal Denda Perkhidmatan Tidak Memuaskan Di Kem PLKN telah disediakan di peringkat JLKN bagi memperincikan denda ke atas aspek perkhidmatan yang tidak disediakan oleh Pengusaha Kem.

Pada pendapat Audit, JLKN perlu memantau kem PLKN yang tidak mematuhi perenggan 5 kepada SST serta memperincikan denda bagi Perkhidmatan A. Tindakan tegas perlu diambil dengan mengenakan denda terhadap kem yang tidak mematuhi SOC. Bagi kem PLKN yang menyediakan perkhidmatan yang kurang memuaskan, JLKN perlu mempertimbangkan sama ada kontrak di kem berkenaan disambung atau sebaliknya.

49.5.2.3. Kemudahan Pengangkutan

Bagi melancarkan perjalanan aktiviti pengurusan pelatih dengan bilangan yang ramai pada satu masa, JLKN perlu menyediakan perkhidmatan bas untuk menguruskan pergerakan masuk dan keluar pelatih setiap kumpulan mengikut siri yang telah ditetapkan; aktiviti Khidmat Komuniti; lawatan dalam negeri bagi pelatih yang tidak pulang bercuti; aktiviti keagamaan dan aktiviti sukan. Semakan Audit terhadap perkhidmatan bas tersebut mendapati perkara seperti berikut:

a. Perkhidmatan Bas Tidak Secara Optimum

Pada tahun 2006 hingga 2008, Kementerian membahagikan perkhidmatan bas kepada 6 zon di seluruh Malaysia dan dilaksanakan oleh kontraktor yang berbeza di mana bayaran sewaan bas berdasarkan kepada penggunaan sebenar perkhidmatan berkenaan. Pada bulan Mac 2008, Kementerian telah mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada Syarikat GPB Corporation Sdn. Bhd. (Syarikat GPB) dengan tempoh

perkhidmatan selama 5 tahun mulai 26 Disember 2008 hingga 25 Disember 2013. Bagaimanapun, Syarikat GPB diluluskan permohonan penangguhan kuatkuasa kontrak daripada bulan Disember 2008 kepada bulan Disember 2009. Syarikat GPB perlu menyediakan 5 buah bas berkapasiti 46 penumpang ke setiap kem PLKN dengan bayaran sewa bulanan sejumlah RM17,014 bagi sebuah bas atau 8 buah bas berkapasiti 25 penumpang dengan bayaran sewa bulanan berjumlah RM10,634 bagi sebuah bas. Bas perlu ditempatkan di dalam kem kecuali bagi kem yang tidak mempunyai ruang untuk menempatkan bas tersebut.

Semakan Audit mendapati perkhidmatan bas tersebut tidak dioptimumkan penggunaannya. Analisis Audit mendapati purata penggunaan bulanan bas adalah hanya antara 2 hingga 15 kali bagi tahun 2010 dan antara satu hingga 18 kali bagi tahun 2011 seperti ditunjukkan di **Jadual 49.7**. Oleh yang demikian, bayaran bulanan berjumlah RM17,014 bagi sebuah bas atau RM85,072 bagi setiap kem pada tahun 2010 dan 2011 tidak setimpal dengan bilangan penggunaannya. Perbandingan telah dibuat antara kontrak penyewaan bas bagi tahun 2009 dengan penyewaan bas bagi tahun 2010 dan 2011 dan mendapati pembayaran perkhidmatan bas pada tahun 2009 lebih menguntungkan kerana pembayaran hanya dibuat terhadap bilangan perkhidmatan yang telah dilaksanakan. Bagi tahun 2009, hanya sejumlah RM1.35 juta perlu dibayar oleh JLKN bagi perkhidmatan bas di 7 kem yang dilawati. Manakala bagi tahun 2010 dan 2011, JLKN perlu membayar sejumlah RM5.36 juta setiap tahun bagi perkhidmatan yang disediakan. Perbandingan bayaran keseluruhan bagi kem yang dilawati adalah seperti di **Jadual 49.8**.

JADUAL 49.7
PURATA PENGGUNAAN BAS SEBULAN BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

KEM PLKN	TAHUN (Kali)		
	2009	2010	2011
Paya Indah	9 - 54	TM	TM
Princess Haliza	10 - 28	2 - 15	1 - 13
Seri Perkasa	9 - 32	3 - 11	5 - 18
Cahaya Gemilang	5 - 58	TM	TM

Nota: ***TM - Tiada Maklumat Kerana Buku Log Kenderaan Tidak Dikemukakan***

JADUAL 49.8
PEMBAYARAN PERKHIDMATAN BAS 7 KEM DILAWATI BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	AMAUN (RM)							JUMLAH (RM)
	PAYA INDAH	PRINCESS HALIZA	WHITE RESORT	KK DI BAWAH BAYU	SERI PERKASA	CAHAYA GEMILANG	BUKIT SABAN	
2009	180,495	194,875	184,500	333,434	116,304	184,419	154,630	1,348,657
2010	765,644	765,644	765,644	765,644	765,644	765,644	765,644	5,359,508
2011	765,644	765,644	765,644	765,644	765,644	765,644	765,644	5,359,508
JUMLAH								12,067,673

Maklum Balas Jabatan Latihan Khidmat Negara Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Kontrak perkhidmatan bas diperlukan bagi memudahkan Jabatan membuat perancangan perjalanan dan pengurusan menjadi lebih sistematik. Berdasarkan pengalaman kontrak terdahulu, terdapat terlalu banyak pergerakan dibuat secara luar kontrak dan sering kali berlaku kelewatan bas melapor disebabkan kegagalan pembekal yang secara langsung akan memberi imej negatif ke atas JKLN. Terdapat juga bas yang dibekalkan tidak selamat dan melebihi tempoh hayat yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, JKLN perlu memastikan setiap kem PLKN mengoptimumkan penggunaan bas bagi memperoleh *value for money* terhadap perbelanjaan penyewaan bas.

b. Denda Rendah Mutu

Mengikut kontrak, denda rendah mutu sebanyak 5% daripada nilai sewa setiap bas boleh dikenakan kepada syarikat sekiranya perkhidmatan tidak mengikut skop atau spesifikasi yang ditetapkan. Jika syarikat gagal menyediakan perkhidmatan berkenaan, Kerajaan berhak untuk menamatkan kontrak perkhidmatan tersebut. Semakan Audit mendapati sehingga akhir bulan Disember 2011, JLKN telah merekodkan denda rendah mutu berjumlah RM2.27 juta dan hanya sejumlah RM70,608 (3.1%) telah dituntut melalui potongan daripada tuntutan bulanan. Bagaimanapun, Syarikat GPB telah menyatakan tidak bersetuju dengan denda rendah mutu yang dikenakan dan menuntut semula jumlah denda yang telah dipotong.

Maklum Balas Jabatan Latihan Khidmat Negara Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Mesyuarat Jawatankuasa Denda Pecah Kontrak JLKN Bil. 2/2011 pada 7 Oktober 2011 memutuskan supaya satu kajian penambahbaikan skop perkhidmatan dan spesifikasi teknikal kontrak dilaksanakan agar memberi penekanan kepada aspek failure of service dan tindakan denda dapat dikenakan ke atas kegagalan perkhidmatan dan bukanlah ketidakpatuhan teknikal semata-mata.

Pada pendapat Audit, JLKN perlu tegas dalam menuntut denda rendah mutu sekiranya perkhidmatan tidak mengikut skop atau spesifikasi yang ditetapkan bagi menjamin kualiti perkhidmatan yang dilaksanakan dan menjaga kepentingan Kerajaan.

49.5.3. Pengurusan Pembayaran Sajian

JLKN hendaklah memastikan segala pembayaran dibuat mematuhi peraturan sedia ada dan syarat kontrak. Bagi tuntutan bayaran sajian, operator kem akan menuntut bayaran penyediaan makanan mengikut bilangan pelatih/jurulatih dan kakitangan pengurusan untuk tarikh dan kadar yang ditetapkan dalam kontrak. JLKN telah membelanjakan sejumlah RM37.13 juta bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 bagi perkhidmatan sajian. Semakan Audit terhadap pengurusan pembayaran sajian mendapati perkara seperti berikut:

49.5.3.1. Pengiraan Tuntutan Sajian Oleh Pihak Kem

Klausa 8.6 kepada kontrak perkhidmatan sajian menyatakan pihak kem perlu menyediakan makanan secukupnya untuk peserta tetap (Pegawai Angkatan Tentera/kakitangan awam atau mana-mana orang yang diluluskan oleh JLKN) dan akan dibayar berdasarkan tempoh dan jumlah sebenar peserta tetap. Bagaimanapun, tiada arahan terperinci yang menjelaskan sama ada tuntutan perlu ditolak apabila kakitangan awam pentadbiran bercuti/hari kelepasan am/tidak berada di dalam kem.

Lawatan Audit ke Kem PLKN Paya Indah selanjutnya mendapati penyediaan Penyata Tuntutan Sajian tidak mengambil kira staf pengurusan yang balik selepas waktu pejabat, pada hari kelepasan am dan bercuti sungguhpun ia telah disemak dan disahkan oleh pihak pengurusan kem serta dipersetujui oleh operator kem. Bagaimanapun, bagi 5 kem PLKN yang lain, Penyata Tuntutan Sajian telah disediakan dengan tidak mengambil kira

penerima perkhidmatan sajian pada hari kelepasan am sahaja. Manakala Kem PLKN White Resort pula mengambil kira bilangan penerima perkhidmatan sajian dengan jumlah yang sama pada setiap hari berdasarkan penyata tuntutan sajian bagi tempoh seperti di jadual berikut:

JADUAL 49.9
PENYATA TUNTUTAN SAJIAN KEM PLKN WHITE RESORT DENGAN BILANGAN PESERTA YANG SAMA SETIAP HARI PADA TEMPOH DINYATAKAN

TEMPOH	BIL. TUNTUTAN SEHARI (Peserta)	AMAUN (RM)	CATATAN
01 hingga 15 Januari 2009	486	149,445	Kadar bayaran makan RM20.50 sehari bagi setiap peserta
16 hingga 31 Mei 2009	401	131,528	
16 hingga 31 Mei 2010	397	130,216	
16 hingga 31 Julai 2010	257	79,028	
01 hingga 15 Julai 2011	293	90,098	
16 hingga 31 Oktober 2011	242	74,415	
16 hingga 30 November 2011	239	73,493	
JUMLAH	**2,315**	**728,223**	

Maklum Balas Jabatan Latihan Khidmat Negara Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Arahan agar pesanan sajian dibuat berdasarkan jumlah sebenar peserta di kem dan dalam tempoh 3 hari sebelum hidangan dibekalkan telah dikeluarkan pada tahun 2007. Peringatan semula akan dikeluarkan kepada kem agar mematuhi arahan yang dikeluarkan terdahulu.

49.5.3.2. Kaedah Pembayaran Tuntutan Pergerakan Pelatih Kumpulan 3

JLKN telah menetapkan kaedah tuntutan pembayaran kemudahan sajian makanan bagi kumpulan 3 Siri 7/2010 melalui surat bertarikh 28 Jun 2010. Kaedah tuntutan pembayaran yang ditetapkan adalah berdasarkan anggaran kehadiran pelatih sebanyak 60% bagi setiap hari pergerakan berkenaan selama 3 hari. Semakan Audit selanjutnya mendapati arahan kaedah tuntutan pembayaran kemudahan sajian yang telah dikeluarkan bertarikh 22 Ogos 2011 bagi pelatih Kumpulan 3 Siri 8/2011 pula menetapkan kaedah tuntutan secara penuh bagi setiap hari pergerakan berkenaan selama 3 hari sungguhpun anggaran sebenar kehadiran pelatih adalah 50% daripada jumlah tawaran untuk latihan tersebut. Perubahan arahan ini menyebabkan JLKN perlu membayar perkhidmatan sajian penuh untuk latihan tersebut pada 3 hari berkenaan berdasarkan bilangan pelatih ditawarkan sungguhpun bilangan sebenar kehadiran pelatih jauh berkurangan daripada anggaran peratusan yang telah ditetapkan tersebut. Ringkasan jumlah bayaran yang terlibat bagi 2 kem PLKN menunjukkan perbezaan bayaran berjumlah RM12,834 seperti di **Jadual 49.10**. Contoh perkiraan bayaran berkaitan secara terperinci di Kem PLKN Sri Perkasa dan Princess Haliza seperti di **Jadual 49.11** dan **49.12.**

JADUAL 49.10
CONTOH PERBEZAAN JUMLAH TUNTUTAN SECARA PENUH BERBANDING ANGGARAN TUNTUTAN 50 PERATUS

KEM PLKN	ANGGARAN TUNTUTAN* (RM)	JUMLAH TUNTUTAN (RM)	PERBEZAAN (RM)
Seri Perkasa	9,451	15,868	6,417
Princess Haliza	9,615	16,032	6,417
JUMLAH	**19,066**	**31,900**	**12,834**

Nota: (*) Berdasarkan Anggaran 50 Peratus Kehadiran Pelatih

JADUAL 49.11
CONTOH PERKIRAAN TUNTUTAN BAGI PELATIH KUMPULAN 3 SIRI 8/2011
BAGI 3 HARI PERGERAKAN DI KEM PLKN SRI PERKASA MANTIN, NEGERI SEMBILAN

TARIKH	BIL. PELATIH				TUNTUTAN				
	ARAHAN JLKN	MELAPOR	(%) MELAPOR	BEZA	DIBAYAR (RM)		SEPATUTNYA (RM)		BEZA
10.09.2011	138	59	42.8	79	138 x RM17.80	2,456.40	138 x RM17.80 x 50%	1,228.20	1,228.20
11.09.2011	134	30	22.4	104	(134 x RM17.80) + (59 x RM20.50)	3,594.70	(134 x RM17.80 x 50%) + (59 x RM20.50)	2,402.10	1,192.60
12.09.2011	449	93	20.7	356	(449 x RM17.80) + [(59+30) x RM20.50]	9,816.70	(449 x RM17.80 50%) + [(59+30) RM20.50]	5,820.60	3,996.10
JUMLAH	**721**	**182**		**539**		**15,867.80**		**9,450.90**	**6,416.90**

JADUAL 49.12
CONTOH PERKIRAAN TUNTUTAN BAGI PELATIH KUMPULAN 3 SIRI 8/2011
BAGI 3 HARI PERGERAKAN DI KEM PLKN PRINCESS HALIZA

TARIKH	BIL. PELATIH				TUNTUTAN				
	ARAHAN JLKN	MELAPOR	(%) MELAPOR	BEZA	DIBAYAR (RM)		SEPATUTNYA (RM)		BEZA
10.09.2011	253	62	24.5	191	253 x RM17.80	4,503.40	253 x RM 17.80 x 50%	2,251.70	2,251.70
11.09.2011	115	32	27.8	83	(115 x RM17.80) + (62 x RM20.50)	3,318.00	(115 x RM17.80 x 50%) + (62 x RM20.50)	2,294.50	1,023.50
12.09.2011	353	135	38.2	218	(353 x RM17.80) + [(62+32) x RM20.50]	8,210.40	(353 x RM17.80 x 50%) + [(62+32) x RM20.50]	5,068.70	3,141.70
JUMLAH	**721**	**229**		**492**		**16,031.80**		**9,614.90**	**6,416.90**

Pada pendapat Audit, JLKN perlu mengkaji klausa 8.6 kepada kontrak perkhidmatan sajian dengan memperincikan panduan dan tatacara tuntutan sajian yang diguna pakai di semua kem PLKN bagi mengelakkan kekeliruan dan bayaran tidak sepatutnya. JLKN juga perlu mengemukakan justifikasi terhadap perubahan kaedah tuntutan bayaran pergerakan pelatih kumpulan 3 bagi siri yang berkaitan kerana ia melibatkan kos mengikut bilangan yang ditetapkan oleh JLKN berbanding bilangan kehadiran sebenar. Semakan lanjut perlu dijalankan di kem PLKN yang lain untuk memastikan jumlah sebenar kos yang terlibat.

49.5.4. Kajian Keberkesanan PLKN

JLKN telah menjalankan kajian pada 1 November hingga 7 Disember 2009 untuk mengenal pasti pencapaian keberkesanan pelaksanaan PLKN dari segi semangat patriotisme, perpaduan kaum, perwatakan positif, semangat kesukarelawan, pembentukan remaja yang cergas, cerdas dan berkeyakinan diri berdasarkan kategori, tahun pengambilan jantina dan etnik. Hasil daripada kajian terhadap kumpulan alumni PLKN, purata pencapaian objektif di atas adalah melebihi 80%. Kumpulan ini telah melalui program latihan dan mampu merasai sendiri keberkesanan modul PLKN terhadap komponen yang dinilai dengan lebih tepat. Selain itu, responden daripada kumpulan ibu bapa memberi respons yang paling baik terhadap komponen perwatakan positif kerana mereka adalah individu paling hampir dengan pelatih dan dapat menilai perubahan sikap dan watak yang dialami oleh pelatih selepas mereka menamatkan latihan PLKN. Hasil kajian keberkesanan PLKN oleh JLKN adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 49.13
HASIL KAJIAN KEBERKESANAN PLKN OLEH JLKN

KETERANGAN/ RESPONDEN	ALUMNI PLKN (%)	MASYARAKAT UMUM (%)	IBU BAPA/ PENJAGA (%)
Patriotism	86.3	81.4	TB
Perpaduan Kaum	85.9	82.1	TB

KETERANGAN/ RESPONDEN	ALUMNI PLKN (%)	MASYARAKAT UMUM (%)	IBU BAPA/ PENJAGA (%)
Semangat Sukarelawan	82.2	78.2	TB
Cerdas, Cerdas Dan Berkeyakinan	85.0	81.2	TB
Perwatakan Positif	TB	TB	82.6

Nota: ***TB - Tidak Berkaitan***

Maklum Balas Jabatan Latihan Khidmat Negara Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Kajian telah dipersetujui akan dijalankan bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris pada tahun 2013.

Pada pendapat Audit, JLKN perlu juga menjalankan kajian selanjutnya dengan mengambil kira keberkesanan kos yang diperuntukkan dan dibelanjakan.

49.5.5. Pemantauan

JLKN menetapkan beberapa kaedah bagi menentukan pemantauan yang berterusan dapat disempurnakan supaya pelaksanaan PLKN mengikut perancangan yang ditetapkan. Pada keseluruhannya, pemantauan dilakukan secara berterusan oleh Majlis Latihan Khidmat Negara, Jabatan Latihan Khidmat Negara dan Komandan Kem di peringkat kem PLKN.

49.5.5.1. Pemantauan oleh Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN)

MLKN berperanan untuk menasihati Menteri Pertahanan tentang segala perkara yang berhubungan dengan latihan khidmat negara. Dalam hal ini, antara kaedah pemantauan yang dilaksanakan oleh MKLN adalah menerusi Mesyuarat MLKN yang diadakan secara berkala setiap tahun. Segala keputusan dasar dan perkara berkaitan PLKN bertujuan untuk penambahbaikan pelaksanaan PLKN akan dibentang dan dibincangkan dalam mesyuarat tersebut untuk diangkat kepada Menteri Pertahanan. Semakan Audit mendapati MLKN telah mengadakan mesyuarat sebanyak 3 kali pada setiap tahun 2009, 2010 dan 2011.

49.5.5.2. Pemantauan Di Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN)

a. Pemantauan Kepatuhan *Sehedule of Compliance* (SOC)

Bahagian Pengurusan Prasarana (BPr), JLKN dipertanggungjawabkan bagi memantau kem PLKN untuk mematuhi SOC seperti dinyatakan dalam kontrak. Pihak Komandan Kem perlu mengemukakan borang maklum balas yang disediakan mengenai prasarana, penyediaan sajian makanan dan elemen latihan ke BPr sebelum siri latihan PLKN bermula. Semakan Audit mendapati walaupun pihak BPr telah menghantar surat peringatan dan telah membuat panggilan telefon kepada Komandan Kem tetapi beberapa maklum balas tersebut masih tidak dikemukakan. Butiran terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 49.14
TARIKH PENGHANTARAN MAKLUM BALAS MENGENAI PRASARANA, PENYEDIAAN SAJIAN MAKANAN DAN ELEMEN LATIHAN MENGIKUT SIRI KUMPULAN BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

KEM PLKN	2009			2010			2011		
	KUMP 1	KUMP 2	KUMP 3	KUMP 1	KUMP 2	KUMP 3	KUMP 1	KUMP 2	KUMP 3
Paya Indah	23.10.08	20.07.09	20.07.09	TM	TM	TM	TM	TM	TM
KK Di Bawah Bayu	TM	TM	30.07.09	TM	19.11.10	21.06.10	TM	TM	TM
Bukit Saban	20.10.08	TM	21.07.09	TM	TM	TM	TM	30.03.11	09.08.11
White Resort	TM	19.06.09	TM	TM	11.05.10	TM	TM	TM	11.11.11
Princess Haliza	08.10.08	TM	29.06.09	01.01.10	TM	22.06.10	12.10.10	04.05.11	05.08.11
Seri Perkasa	30.12.08	TM	22.06.09	TM	TM	TM	TM	TM	11.11.11
Cahaya Gemilang	26.12.08	TM	TM	TM	TM	30.06.10	TM	TM	27.10.11

Nota: ***TM - Maklumat Tidak Dikemukakan***

Maklum Balas Jabatan Latihan Khidmat Negara Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Sistem pemantauan pengurusan kontrak sewaan secara online telah dilaksanakan di semua kem PLKN mulai bulan Mei 2012.

b. Pemantauan Penggunaan Perkhidmatan Bas

Perkhidmatan bas merupakan kemudahan yang utama disediakan untuk memenuhi keperluan pelatih di kem. Komandan Kem dikehendaki menghantar Borang Pengesahan Spesifikasi Bas pada setiap bulan ke JLKN. Di dalam borang tersebut terkandung perkara seperti keadaan fizikal bas (penghawa dingin, kerusi, rak barang dan sistem audio), permit perjalanan yang sah, enjin bas dalam keadaan baik dan pemilihan pemandu (mempunyai lesen memandu kelas E dan PSV yang sah) berada di tempat bertugas setiap masa. Semakan Audit mendapati Komandan Kem telah menghantar Borang Pengesahan Spesifikasi Bas bagi setiap bas pada setiap bulan kepada JLKN. Pihak JLKN melalui Cawangan Pengurusan Logistik telah melaksanakan pemantauan secara berterusan bagi memastikan kenderaan yang dibekalkan sentiasa bersiap siaga dan memenuhi skop perkhidmatan serta spesifikasi yang ditetapkan.

49.5.5.3. Pemantauan Di Peringkat Kem

Pemantauan di peringkat kem dibuat oleh Komandan Kem dengan bantuan Timbalan Komandan Pengurusan dan Timbalan Komandan Latihan bagi memastikan kem berada dalam keadaan baik. Semakan Audit mendapati Komandan Kem bermesyuarat dengan kakitangan berserta operator kem sebulan sekali bagi membincangkan perkara yang perlu dibuat penambahbaikan. Seterusnya Komandan Kem membawa perkara tersebut di mesyuarat bersama Pengarah Zon yang diadakan sebulan sekali bagi membincangkan masalah yang dihadapi oleh kem di zon berkenaan dalam pelbagai aspek. Selanjutnya seminar komandan yang dianjurkan oleh JLKN diadakan setahun sekali bagi menyampaikan perkara baru dan yang perlu ditambah baik dan semua aspek yang berkaitan dengan kem dan perintah tetap JLKN.

Pada pendapat Audit, pemantauan secara berterusan perlu dilaksanakan dengan lebih berkesan oleh JLKN bagi menjamin pengurusan dan perkhidmatan di semua peringkat lebih berkesan dan Kerajaan sentiasa mendapat *value for money*.

49.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money*, objektif pelaksanaan program tercapai sepenuhnya dan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini tidak berulang di masa hadapan, adalah disyorkan supaya Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

49.6.1. Mempertingkatkan promosi mengenai PLKN supaya semua pihak memahami teras dan objektif PLKN bagi menarik minat bakal pelatih menyertai program tersebut. Selain itu, JLKN hendaklah mengambil tindakan terhadap pelatih yang ingkar menghadiri latihan berdasarkan perundangan yang ditetapkan.

49.6.2. Memantau kem PLKN yang tidak mematuhi syarat yang ditetapkan dan memperincikan denda bagi Perkhidmatan A. Tindakan tegas perlu diambil dengan mengenakan denda terhadap kem yang tidak mematuhi SOC. Bagi kem PLKN yang menyediakan perkhidmatan yang kurang memuaskan, JLKN perlu mempertimbangkan sama ada kontrak di kem berkenaan disambung atau sebaliknya.

49.6.3. Memastikan setiap kem PLKN mengoptimumkan penggunaan bas bagi memperoleh *value for money* terhadap perbelanjaan penyewaan bas.

49.6.4. Bertindak tegas dalam menuntut denda rendah mutu sekiranya perkhidmatan tidak mengikut skop atau spesifikasi yang ditetapkan bagi menjamin kualiti perkhidmatan yang dilaksanakan dan menjaga kepentingan Kerajaan.

49.6.5. Mengkaji klausa 8.6 kepada kontrak perkhidmatan sajian dengan memperincikan panduan dan tatacara tuntutan sajian yang diguna pakai di semua kem PLKN bagi mengelakkan kekeliruan dan bayaran tidak sepatutnya. Semakan lanjut perlu dijalankan di kem PLKN yang lain untuk memastikan jumlah sebenar kos yang terlibat.

49.6.6. Menjalankan kajian keberkesanan PLKN selanjutnya dengan mengambil kira keberkesanan kos yang diperuntukkan dan dibelanjakan.

49.6.7. Melaksanakan pemantauan secara berterusan bagi menjamin pengurusan dan perkhidmatan di semua peringkat yang lebih cekap dan Kerajaan mendapat *value for money* atas perbelanjaan yang dilakukan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 399-408
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

50. PEMBINAAN DAN PENGURUSAN KOMPLEKS KEMENTERIAN DALAM NEGERI, JOHOR

50.1. LATAR BELAKANG

50.1.1. Kementerian Kewangan pada 22 Disember 2006 telah memberi kelulusan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk melaksanakan Projek Pembinaan Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Johor (Kompleks) secara Rundingan Terus Reka Dan Bina oleh Syarikat SP Setia Berhad. Pembinaan Kompleks ini bertujuan untuk memudahkan orang awam berurusan dengan Jabatan/Agensi KDN di bawah satu bumbung di samping menyediakan tempat bekerja/tinggal yang selesa dan selamat kepada pegawai dan kakitangan KDN.

50.1.2. Kompleks bernilai RM190.43 juta dengan keluasan tanah 16.7 ekar yang terletak di Kempas, Johor Bahru, Johor telah siap dibina pada 18 Mac 2011. Kompleks ini telah menempatkan 8 Jabatan/Agensi utama KDN iaitu Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Bahagian Kawalan Penerbitan Dan Teks Al-Quran dan Bahagian Kawalan Penapisan Filem Dan Penguatkuasaan (BKF). Skop pembinaan Kompleks dan perunding yang terlibat adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 50.1
PROJEK KOMPLEKS KDN JOHOR

BUTIRAN	SKOP PEMBINAAN
Keterangan Projek	Merangkumi kerja mereka bentuk, membina dan menyiapkan bangunan berikut: • Bangunan Pentadbiran i. Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) ii. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) iii. Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan (BKF) iv. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) v. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) • Kuarters i. Kelas D & F Blok A (9 tingkat/100 unit) ii. Kelas D & F Blok B (9 tingkat/132 unit) iii. Kelas D & F Blok C (9 tingkat/66 unit) • Dewan Serba Guna; Tadika; Surau; Dan Pondok Pengawal • Kemudahan Mekanikal Dan Elektrikal • Infrastruktur (Sistem Jalan; Saliran Utama; Bekalan Dan Pembetungan)
Firma Perunding	• Arkitek – GRA ARCHITECT SDN. BHD. • Struktur & Awam – AAE JURUTERA PERUNDING • Mekanikal & Elektrikal – JURUTERA PERUNDING INSPIRASI SDN. BHD. • Juruukur Bahan – JUBM SDN. BHD.

50.1.3. Bahagian Pembangunan, KDN telah diberi tanggungjawab untuk mengurus dan memantau projek pembinaan Kompleks ini manakala Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Aset, KDN bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan Kompleks. Bagi tujuan memudahkan kerja pengurusan Kompleks, Bahagian ini telah mewujudkan Unit Pengurusan Kompleks yang berpejabat di Kompleks tersebut.

50.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pembinaan dan pengurusan Kompleks telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

50.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan dan pengurusan Kompleks KDN Johor. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Pembangunan dan Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Aset, KDN serta Unit Pengurusan Kompleks, Kompleks KDN Johor.

50.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Semakan telah dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen; pemeriksaan fizikal terhadap bangunan untuk menentukan sama ada pembinaan dan pengurusan Kompleks adalah memuaskan; dan soal selidik untuk menilai tahap kepuasan orang awam/pegawai/kakitangan terhadap kemudahan pejabat serta kuarters yang disediakan juga telah diedarkan.

50.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2011 hingga Januari 2012 mendapati pada keseluruhannya pengurusan pembinaan Kompleks adalah memuaskan dan mencapai objektif pembinaannya. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan dan pengurusan Kompleks seperti berikut:

i. kelemahan dalam pengurusan pembinaan seperti kelewatan penyerahan lanjutan Bon Pelaksanaan dan pengurusan Wang Peruntukan Sementara;
ii. kerja binaan/pembekalan peralatan dan kelengkapan tidak sempurna atau tidak berkualiti;
iii. kemudahan yang disediakan tidak sesuai; dan
iv. kelemahan dalam pengurusan Kompleks seperti program penyenggaraan tidak disediakan serta latihan ambil alih Kompleks dihadiri oleh pegawai dan anggota Kompleks yang tidak berpengalaman.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta maklum balas daripada KDN adalah seperti di perenggan berikut:

50.5.1. Prestasi Projek

50.5.1.1. Pencapaian Fizikal

Mengikut kontrak tempoh penyiapan Kompleks ini adalah selama 144 minggu iaitu bermula 1 November 2007 hingga 5 Ogos 2010. Semakan Audit mendapati projek ini telah diluluskan lanjutan masa selama 225 hari sehingga 18 Mac 2011. Ini adalah disebabkan penangguhan sementara kelulusan Kebenaran Merancang Dan Kelulusan Pelan Bangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Semakan Audit selanjutnya mendapati projek telah berjaya disiapkan dalam tempoh lanjutan masa dan Sijil Siap Praktikal (CPC) telah dikeluarkan pada 18 Mac 2011.

50.5.1.2. Pencapaian Kewangan

a. Nilai kontrak asal projek ini adalah berjumlah RM190.43 juta. Bagaimanapun, terdapat 6 Arahan Perubahan Kerja bernilai RM3.92 juta diluluskan seperti di **Jadual 50.2**. Setelah pelarasan harga kontrak dibuat, jumlah keseluruhan kos projek

telah meningkat kepada RM194.35 juta iaitu peningkatan sejumlah RM3.92 juta (2.1%) seperti di jadual berikut:

JADUAL 50.2
ARAHAN PERUBAHAN KERJA DAN PELARASAN HARGA KONTRAK

NILAI KONTRAK ASAL (RM Juta)	ARAHAN PERUBAHAN KERJA		PELARASAN HARGA KONTRAK (RM Juta)	NILAI KONTRAK BARU (RM Juta)	PENINGKATAN KOS	
	NO.	PERIHAL			JUMLAH (RM Juta)	PERATUS (%)
190.43	1.	Bilik Kebal Dan Lokap	0.83	194.35	3.92	2.1
	2.	Pertambahan Kerja M&E - Punca Elektrik13A, Mata Tumpu, Penyaman Udara, Talian Data Dan Talian Telefon	1.40			
	3.	Kerja Tambahan - Pintu Pagar Dan Pagar Perimeter	0.44			
	4.	Kerja Tambahan - Talian Telefon, Data Dan Punca Elektrik 13A Untuk Ruang Kerja	0.31			
	5.	Kerja Tambahan - Kemudahan Tandas	0.03			
	6.	Kerja Tambahan - Gril Untuk Tingkap Dan Pintu	0.91			

b. Sehingga bulan Januari 2012, sebanyak 34 bayaran interim berjumlah RM137.22 juta seperti di **Jadual 50.3** telah dibuat oleh KDN dan baki sejumlah RM57.13 juta masih belum dimuktamadkan. Bagaimanapun, baki keseluruhan kos projek tersebut termasuk anggaran harga tanah berjumlah RM50 juta. Semakan Audit mendapati pembayaran pampasan tanah telah dibuat dan hak milik tanah telah didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan pada 21 Ogos 2008.

JADUAL 50.3
STATUS PEMBAYARAN BAGI KOMPLEKS KDN JOHOR
SEHINGGA 31 JANUARI 2012

NILAI KONTRAK BARU (RM Juta)	KOS PROJEK	JUMLAH PEMBAYARAN			BAKI PEMBAYARAN	
		BAYARAN INTERIM NO.1 - 34 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	PERATUS (%)	JUMLAH (RM Juta)	PERATUS (%)
194.35	Kos Pembinaan	107.39	137.22	70.6	57.13	29.4
	Kos Lain (tidak termasuk harga tanah)	25.91				
	Arahan Perubahan Kerja No. 1 Hingga 6	3.92				

Pada pendapat Audit, pembayaran kemajuan kerja adalah selaras dengan pencapaian fizikal. Sungguhpun begitu KDN perlu memastikan peruntukan harga tanah berjumlah RM50 juta diselaraskan semasa penyediaan Akaun Muktamad.

50.5.2. Pengurusan Pembinaan

Pengarah Projek (PP) bagi projek ini ialah Ketua Setiausaha (KSU) KDN, manakala wakil PP ialah Setiausaha Bahagian Pembangunan, KDN. Semakan Audit terhadap pengurusan pembinaan Kompleks ini mendapati perkara seperti berikut:

50.5.2.1. Bon Pelaksanaan

a. Bon Pelaksanaan merupakan suatu aku janji tidak bersyarat (unconditional undertaking) oleh institusi kewangan untuk membayar kepada Kerajaan suatu amaun tertentu atas tuntutan sekiranya kontraktor tidak atau gagal mematuhi dan melaksanakan obligasinya.

b. Bon Pelaksanaan bagi pembinaan Kompleks bernilai RM9.52 juta telah dikemukakan oleh Kontraktor berkuat kuasa mulai 1 November 2007 dan akan tamat tempoh sah lakunya pada 5 Ogos 2012. Sungguhpun begitu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada tempoh sah laku bon tersebut telah dilanjutkan sehingga 17 Mac 2013 kerana pelanjutan tempoh sah laku bon belum dikemukakan kepada pihak Audit walaupun telah dipohon melalui surat Audit bertarikh

19 Disember 2011. Sekiranya perlanjutan tempoh gagal diperolehi, kepentingan Kerajaan tidak lagi dilindungi selepas 5 Ogos 2012.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Kepentingan Kerajaan masih lagi dilindungi sehingga tempoh sah laku bon pelaksanaan tamat pada 5 Ogos 2012. Kementerian memandang serius akan implikasi yang timbul sekiranya bon pelaksanaan gagal disambung. Kontraktor telah mengemukakan permohonan melanjutkan tempoh sah laku pada 9 Mei 2012 dan bank berkenaan telah mengesahkan bahawa tarikh luput Jaminan Bank telah dilanjutkan sehingga 17 Mac 2013 melalui surat bertarikh 8 Jun 2012.

Pada pendapat Audit, KDN perlu sentiasa memastikan tempoh sah laku bon bagi setiap kontrak perolehan/pembinaan meliputi tempoh lanjutan masa yang diluluskan supaya kepentingan Kerajaan dilindungi.

50.5.2.2. Tempoh Membaiki Kecacatan

a. Garis Panduan Pengurusan Pembinaan Projek Reka Dan Bina, JKR menetapkan Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) adalah tempoh tanggungjawab Kontraktor menyenggara atau membaiki kecacatan/kerosakan produk selepas pembinaan dan bermula daripada tarikh Sijil Siap Praktikal (CPC) dikeluarkan. Bagi pembinaan Kompleks ini, tempoh membaiki kecacatan bermula pada 18 Mac 2011 sehingga 17 Mac 2013.

b. Kontrak menghendaki PP mengemukakan secara bertulis Jadual Kerosakan Pertama dalam masa 14 hari dari tarikh CPC dikeluarkan kepada Kontraktor untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekurangan atau kerosakan yang dikenal pasti. Sehingga tarikh pengauditan, Jadual Kerosakan Pertama tidak disediakan dan hanya beberapa borang aduan pihak pengguna dikemukakan kepada Unit Pengurusan Kompleks KDN untuk tindakan pembaikan selanjutnya.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Jadual Kerosakan Pertama yang menggabungkan semua aduan dan kecacatan telah disediakan dan dikemukakan kepada Kontraktor pada 4 Mei 2012 dan Kontraktor telah diminta menjalankan kerja pembaikan dalam tempoh yang bersesuaian seperti yang dinyatakan dalam kontrak. KDN akan mengeluarkan Jadual Kecacatan Akhir dalam tempoh 14 hari selepas tamat tempoh DLP pada 17 Mac 2013.

Pada pendapat Audit, untuk menjaga kepentingan Kerajaan, PP perlu memastikan segala kecacatan, ketidaksempurnaan, kekurangan atau kerosakan yang dikenal pasti dibaiki oleh Kontraktor dalam tempoh masa yang ditetapkan.

50.5.2.3. Pengurusan Wang Peruntukan Sementara

a. Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) Bil. 1/2009, Panduan Pengurusan Wang Peruntukan Sementara (WPS) dan Wang Kos Prima adalah terpakai bagi semua projek yang dibiayai Persekutuan. Dengan itu segala peraturan dalam pengurusan WPS yang dinyatakan dalam Surat Arahan ini antaranya melibatkan tatacara perolehan dan perbelanjaan perlu dipatuhi dalam pengurusan projek untuk menjamin perolehan yang paling menguntungkan Kerajaan dan memenuhi akauntabiliti awam. Daripada sejumlah RM21.58 juta yang telah diluluskan bagi

6 item di bawah Wang Peruntukan Sementara, sejumlah RM15.32 juta (71%) telah dibelanjakan sehingga akhir bulan Januari 2012. Butiran mengenai peruntukan dan perbelanjaan WPS adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 50.4
KELULUSAN DAN PERBELANJAAN WANG PERUNTUKAN SEMENTARA

PERJENISAN	KELULUSAN (RM)	TUNTUTAN SEHINGGA 31.01.2012	
		JUMLAH (RM)	PERATUS (%)
Kerja Landskap	500,000	349,330	69.9
Kelengkapan Pejabat - Telefon	350,000	315,000	90.0
Auditorium Dan Dewan Serbaguna Termasuk Peralatan, AV, *ID Works* Dan Lain-Lain	3,300,000	2,979,882	90.3
Kabinet Dapur Dan Almari Bilik Tidur Utama Untuk Kuarters	2,950,000	3,000,000	101.7
Hiasan Dalaman Pejabat (Karpet Dan Partition)	9,483,821	6,974,570	73.5
Perabot Dalaman Untuk Pejabat	5,000,000	1,700,000	34.0
JUMLAH	**21,583,821**	**15,318,782**	**71.0**

b. Semakan Audit terhadap pengurusan WPS berkenaan mendapati perkara seperti berikut:

i. Perolehan Di Bawah Wang Peruntukan Sementara

Berdasarkan Surat Arahan KPKR Bil. 1/2009, tatacara perolehan WPS bagi kerja, bekalan dan perkhidmatan adalah tertakluk kepada peraturan kewangan perolehan Kerajaan yang sedia ada seperti berikut:

- Penyediaan justifikasi reka bentuk dan spesifikasi oleh kontraktor berdasarkan kehendak/keperluan Kerajaan sebelum mendapat kelulusan Pengarah Projek (PP);
- PP/Wakil menyemak reka bentuk dan spesifikasi dan membuat kajian pasaran mengenai harga dan perihal kerja, peralatan atau perkhidmatan yang hendak diperolehi;
- Penyediaan dokumen sebut harga/tender serta cadangan nama subkontraktor atau pembekal untuk pertimbangan/kelulusan PP;
- PP memastikan dokumen sebut harga/tender disediakan dengan teratur oleh sekurang-kurangnya 5 penyebut harga/petender;
- Wakil PP mengkaji perakuan kontraktor, membuat rundingan dan menetapkan harga/kadar harga berasaskan sebut harga/tender yang terendah yang menepati spesifikasi dan seterusnya memperakukan harga/kadar harga kepada Jawatankuasa Perubahan Kerja. Berdasarkan Surat Arahan KPKR, harga perolehan WPS yang diperakukan hendaklah mendapat kelulusan pihak yang berkenaan terlebih dahulu sebelum mana-mana kontraktor dilantik; dan
- Wakil PP akan memaklumkan keputusan Jawatankuasa Perubahan Kerja dan pelantikan penyebut harga/petender yang disetuju terima akan dibuat.

Semakan Audit mendapati tatacara perolehan tidak dilaksanakan seperti yang ditetapkan. Kelulusan yang diberikan oleh KDN adalah hanya berdasarkan surat permohonan oleh kontraktor yang mengemukakan kos bagi bekalan/kerja yang akan dilaksanakan tanpa perincian dari segi kuantiti dan harga, reka bentuk serta spesifikasi. Tanpa dokumen reka bentuk, spesifikasi, kuantiti dan harga, KDN tidak dapat membuat perbandingan sama ada harga yang ditawarkan adalah yang terbaik dan menguntungkan.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Kementerian mengambil maklum akan teguran Audit berhubung Pengurusan Wang Peruntukan Sementara dan akan memastikan perolehan di bawah WPS mengguna pakai ketetapan Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) Bil. 1/2009.

Pada pendapat Audit, KDN sepatutnya mendapatkan dokumen lengkap mengenai reka bentuk, spesifikasi, kuantiti dan harga daripada kontraktor/perunding bagi membolehkan perbandingan harga dibuat supaya perolehan peralatan dan kelengkapan adalah yang terbaik dan menguntungkan.

ii. Pembayaran Item Di Bawah Wang Peruntukan Sementara

Garis Panduan Pengurusan Pembinaan Projek Reka Dan Bina menetapkan bayaran interim hendaklah disokong dengan dokumen sokongan dari Kontraktor seperti ringkasan bayaran yang dituntut, deklarasi perunding yang membuat penilaian, kiraan terperinci atau senarai kuantiti bagi kerja yang dituntut, lukisan kerja yang dituntut, bukti pembelian dan penghantaran peralatan. Semakan Audit terhadap pembayaran item WPS mendapati perkara seperti berikut:

- **Tuntutan Tidak Disertakan Dengan Dokumen Sokongan Pembelian/ Penghantaran Peralatan**

  Semakan Audit terhadap 10 baucar bayaran berjumlah RM15.32 juta bagi bayaran interim No. 22 hingga 31 mendapati tuntutan yang dibuat oleh kontraktor terhadap perolehan kelengkapan dan peralatan tidak disertakan dengan invois dan nota penghantaran. Tuntutan hanyalah berdasarkan peratusan siap kerja yang dilampirkan sebagai bukti sokongan bagi bekalan atau perkhidmatan yang diberikan. Maklumat terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 50.5
PEMBAYARAN WANG PERUNTUKAN SEMENTARA

BAUCAR BAYARAN			BAYARAN WPS (RM)
NOMBOR	TARIKH	AMAUN (RM)	
R0769	09.06.2010	111,424,611	49,237
R0887	01.07.2010	106,080,817	198,603
R1062	30.07.2010	101,454,458	86,540
R1231	23.08.2010	97,095,344	280,179
R1324	03.09.2010	91,795,140	1,061,623
R1563	28.10.2010	86,323,912	2,030,830
R1753	26.11.2010	78,818,024	4,234,100
R2081	02.12.2010	72,355,428	3,370,591
B0063	21.02.2011	66,932,569	2,300,299
B0299	13.04.2011	63,730,825	1,706,780
JUMLAH			15,318,782

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Maklumat terperinci telah dihantar oleh juru perunding ukur bahan dalam Pelarasan Harga Kontrak (PHK) No. 7 hingga 12.

- **Kegagalan Mengemukakan Kad Inventori Peralatan Dan Kelengkapan**

  Kontrak menetapkan semasa penyerahan kerja pembinaan kepada KDN, kontraktor perlu melengkapkan dan mengemukakan kepada PP kad inventori bagi semua peralatan, kelengkapan dan perabot yang dibekalkan bagi setiap bangunan. Butiran terperinci maklumat yang perlu disediakan adalah nama, perihal, kod dan kuantiti, nama dan alamat pembekal serta lokasi item.

  Mengikut kontrak, WPS memperuntukkan sejumlah RM5 juta bagi perabot pejabat, RM3.30 juta kelengkapan Auditorium dan RM3 juta untuk Dewan Serbaguna. Semakan Audit di Jabatan/Agensi Kompleks mendapati kontraktor tidak mengemukakan kad inventori dan rekod pengenalan bagi peralatan yang dibekalkan seperti yang dikehendaki. Ini menyebabkan peralatan yang dibekalkan tidak dapat ditentukan kuantiti, jenis dan lokasinya. Kegagalan tersebut menyebabkan penyelenggaraan Daftar Aset/Inventori tidak dapat dilakukan oleh Jabatan/Agensi.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Kontraktor telah mengemukakan senarai inventori bagi setiap jabatan pada 5 Jun 2012. Aktiviti mengemaskini senarai inventori jabatan sedang dijalankan oleh Unit Pengurusan Kompleks dan dijadualkan siap pada 18 Jun 2012.


Pada pendapat Audit, bagi lain-lain perolehan aset dan inventori KDN hendaklah sentiasa memastikan kontraktor menyedia dan mengemukakan kad aset dan inventori yang lengkap seperti ketetapan kontrak supaya setiap Jabatan/Agensi boleh menyelenggarakan Daftar Aset dengan lengkap dan kemas kini.

50.5.3. Kualiti Pembinaan

50.5.3.1. Kerja Pembinaan Tidak Berkualiti

a. Kontrak menetapkan reka bentuk dan spesifikasi yang dihasilkan oleh kontraktor hendaklah tidak kurang dari mutu atau kualiti yang telah dipersetujui. Lawatan Audit di beberapa kawasan Kompleks mendapati kerja binaan/pembekalan peralatan dan kelengkapan tidak sempurna atau tidak berkualiti seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 50.1



Pondok Pengawal
- Pemutus Litar Arus Baki (ELCB) Yang Dipasang Untuk Keseluruhan Litar Menggunakan Kepekaan (Sensitiviti) 300mA (0.3A) Dan Tidak Mengikut Peraturan Elektrik 1994 Kepekaan (Sensitiviti)
(06.12.2011)

GAMBAR 50.2



Aras 14, Jabatan Imigresen Malaysia
- Penggunaan Paip Jenis Sesalur Bawah Lantai (Trunking) Dan Setiap Junction Box Perlu Dipasang Dengan Kotak Aksesori Yang Sesuai
(05.12.2011)

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Kontraktor telah menggantikan Pemutus Litar Arus Baki (ELCB) daripada kepekaan (sensitiviti) 300mA (0.3A) kepada 0.1A (PPE 1994, Peraturan 36) di Pondok Pengawal.

b. Lawatan susulan Audit pada 28 Mei 2012 mendapati ELCB di lokasi lain masih belum diganti seperti dalam **Gambar 50.3**.



GAMBAR 50.3

Aras 1, Agensi Antidadah Kebangsaan
- Pemutus Litar Arus Baki (ELCB) Yang Dipasang Untuk Keseluruhan Litar Menggunakan Kepekaan (Sensitiviti) 300mA (0.3A) Dan Tidak Mengikut Peraturan Elektrik 1994
(28.05.2012)

GAMBAR 50.4



Jabatan Imigresen Malaysia
- Air Bertakung Di Atas Permukaan Bumbung
(06.12.2011)

GAMBAR 50.5



Aras Bawah, Kuarters Blok A
- Air Bertakung Di Kawasan Parkir Kenderaan
(06.12.2011)

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Pihak pengurusan Kompleks KDN telah mengambil tindakan dengan membersihkan bahagian bumbung dan aras bawah kuarters.

GAMBAR 50.6



Aras 14, Jabatan Imigresen Malaysia
- Singki Di Bilik Pantri Tidak Dipasang Perangkap Sampah
(05.12.2011)

GAMBAR 50.7



Bilik Kawalan Pam Chiller
- Air Bertakung Kerana Kecerunan Lantai Kurang Sesuai
(06.12.2011)

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Kontraktor telah diminta untuk memperbetulkan singki dan kawasan air bertakung.

50.5.3.2. Dinding/Siling/Perabot Berkulat

Lawatan Audit ke Kompleks mendapati beberapa dinding/siling/perabot berkulat seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 50.8



Tandas Wanita Aras 1, Jabatan Imigresen Malaysia
- Siling Berkulat
(07.12.2011)

GAMBAR 50.9



Pejabat Urus Setia Imigresen
- Kulat Merebak Ke Kabinet Mesin Fotostat
(12.09.2011)

GAMBAR 50.10



GAMBAR 50.11



Unit A.1.01
- Kabinet Dapur Berkulat Di Bahagian Luar Dan Dalam
(08.12.2011)



GAMBAR 50.12

Unit A.1.01
- Berkulat Di Bahagian Luar Kabinet Dapur
(08.12.2011)

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Kabinet dapur berkulat telah ditukar oleh pihak kontraktor dan kulat yang tumbuh sentiasa dibersihkan dari semasa ke semasa. Jabatan Kimia Negeri Johor masih dalam peringkat kajian ke atas sampel kulat. Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Johor (JKKP) akan mengemukakan cadangan pembaikan kepada Kementerian setelah berpuas hati dengan laporan Jabatan Kimia. Kementerian akan menggunakan cadangan yang dikemukakan sebagai asas justifikasi untuk permohonan/peruntukan.

Pada pendapat Audit, Pengarah Projek/wakil perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dengan memberi penekanan terhadap mutu kerja Kontraktor. Seterusnya, penyeliaan dan pemantauan secara berterusan pada peringkat pembinaan/ pembekalan adalah penting supaya Kerajaan dapat memperoleh nilai terbaik daripada perbelanjaan yang dilakukan.

50.5.4. Penggunaan Kemudahan Yang Siap Dibina

Kontrak menetapkan bahawa reka bentuk, binaan dan penyenggaraan hendaklah mengikut keperluan Kerajaan dan dibuat/bina dengan kepuasan yang optimum, berfungsi dengan baik, selamat, sesuai, kuat dan mudah untuk menjalankan kerja penyenggaraan. Lawatan Audit menemui beberapa kemudahan yang disediakan tidak menepati keperluan seperti berikut:

50.5.4.1. Penggunaan Ruang Yang Tidak Sesuai

a. Lokap merupakan satu ruang yang disediakan bagi menempatkan pesalah yang telah ditahan secara sementara sebelum tindakan undang-undang diambil. Bagi Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), lokap diperlukan bagi menahan suspek kes penyalahgunaan dadah. Pemeriksaan Audit mendapati lokap yang disediakan tidak termasuk dalam skop pembinaan asal Kompleks tetapi telah dipohon melalui Arahan Perubahan Kerja. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati lokap yang disediakan telah dijadikan tempat penyimpanan stok alat tulis dan bekalan pejabat seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:



GAMBAR 50.13

Agensi Antidadah Kebangsaan
- Stok Alatulis Dan Bekalan Pejabat Disimpan Di Dalam Lokap Yang Disediakan
(09.11.2011)

b. Perenggan 58 Arahan Keselamatan antaranya menyatakan dokumen terperingkat *Rahsia Besar* merupakan dokumen yang perlu disimpan di dalam bilik kebal atau peti besi yang sepatutnya dipasang dengan kunci tatakira. Manakala Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 antaranya menetapkan Jabatan yang berurusan dengan rekod penting hendaklah mengadakan bilik simpanan rekod yang tahan api (bilik kebal) atau lain-lain cara penyimpanan rekod supaya apabila berlaku kebakaran, rekod berkenaan tidak akan terhapus. Bagaimanapun, lawatan Audit ke Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia mendapati bilik kebal yang disediakan tidak digunakan mengikut fungsi bilik berkenaan. Sebaliknya, bilik tersebut telah digunakan untuk menyimpan perabot lama, peralatan pembersihan dan bekalan pejabat seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 50.14



Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
-Kelengkapan Dan Perabot Disimpan Di Dalam Bilik Kebal
(09.12.2011)

GAMBAR 50.15



Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
- Bekalan Pejabat Disimpan Di Dalam Bilik Kebal
(06.12.2011)

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Bilik kebal dan lokap telah dibersihkan/dikosongkan.

Pada pendapat Audit, setiap ruang yang disediakan di dalam sesebuah bangunan pejabat hendaklah digunakan selaras dengan fungsi dan keperluan penyediaannya. Penggunaan ruang yang tidak mengikut fungsi pembinaan perlu dielakkan.

50.5.4.2. Kemudahan Tidak Memenuhi Ciri Keselamatan

a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 berkaitan Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan antaranya menetapkan Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menyediakan stor yang sesuai, selamat dan bersih. Lawatan Audit ke stor yang terpilih mendapati stor utama Pejabat JPN yang disediakan untuk menyimpan dokumen terkawal dan bekalan pejabat tidak sesuai kerana berada di dalam bilik laluan paip kumbahan, saluran air dan tidak dilengkapi dengan kemudahan peralatan mencegah kebakaran. Manakala sebahagian daripada Stor Utama JIM pula hanya berdinding kaca dan tidak dilindungi dengan jeriji besi. Bilik kebal yang disediakan untuk pejabat JPN dan JIM tidak mencukupi menyebabkan sebahagian daripada dokumen terkawal terpaksa disimpan di Stor Utama seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 50.16



Jabatan Pendaftaran Negara
- Dokumen Terkawal Juga Ditempatkan Di Stor Utama Di Bawah Saluran Kumbahan
(06.12.2011)

GAMBAR 50.17



Jabatan Imigresen Malaysia
- Stor Utama Berdinding Kaca Dan Tidak Dipasang Jeriji Besi
(06.12.2011)

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Bahagian Khidmat Pengurusan akan memohon peruntukan bagi memasang siling bagi tujuan melindungi barang simpanan. Ruang tersebut juga dikunci dengan pintu rintangan api serta jeriji besi.

b. Bahagian Kawalan Penapisan Filem Dan Penguatkuasaan perlu mempunyai sebuah bilik khas yang disediakan bagi menempatkan mesin pemusnah bahan rampasan yang perlu dilupuskan seperti DVD/VCD. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati bunyi kuat yang dihasilkan daripada mesin pemusnah semasa beroperasi mengganggu pegawai dan kakitangan lain yang sedang bertugas kerana bilik tersebut tidak dilengkapi dengan dinding kalis bunyi. Mesin pemusnah tersebut seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:



GAMBAR 50.18

Bahagian Kawalan Penapisan Filem Dan Penguatkuasaan - Bilik Pemusnah VCD/DVD Tidak Kalis Bunyi Tetapi Hanya Berdinding Kaca Dan Gypsum (08.12.2011)

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Bahagian berkenaan telah memutuskan untuk melaksanakan peraturan baru pelupusan dilakukan pada waktu cuti hari Sabtu dan Ahad sahaja.

c. Bilik Kawalan Audio di Auditorium merupakan bilik yang menempatkan peralatan audio yang sensitif dan bernilai. Sungguhpun begitu, bilik berkenaan tidak dilengkapi dengan panel kaca bagi melindungi peralatan audio daripada risiko kecurian dan kerosakan seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:



GAMBAR 50.19

Auditorium Blok 1 - Bilik Kawalan Audio Tidak Mempunyai Panel Kaca (09.12.2011)

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Kontraktor telah bersetuju untuk menambah panel kaca Bilik Kawalan Auditorium.

d. Bilik AHU merupakan ruang yang disediakan untuk sistem penyaman udara berpusat. Bilik ini perlulah sentiasa bersih, selamat dan sentiasa berkunci. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati bilik ini telah dijadikan tempat penyimpanan peralatan mencuci dan dipenuhi sampah seperti ditunjukkan dalam **Gambar 50.20** dan **50.21**. Keadaan ini menyebabkan pengedaran udara dalam bangunan tidak bersih serta boleh membahayakan kesihatan dan keselamatan pegawai/kakitangan di aras berkenaan.

GAMBAR 50.20



GAMBAR 50.21



Bilik AHU Jabatan Imigresen Malaysia - Dijadikan Tempat Penyimpanan Peralatan Mencuci Dan Terdapat Sampah Di Dalam Bilik AHU (06.12.2011)

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Bilik AHU telah dibersihkan dan dikunci.

Pada pendapat Audit, kemudahan bilik penyimpanan/stor yang disediakan dalam Kompleks ini hendaklah memenuhi aspek keselamatan yang ditetapkan.

50.5.4.3. Kemudahan Yang Tidak Disediakan

Kompleks telah menempatkan beberapa Jabatan/Agensi yang menjadi tumpuan awam antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia. Sehubungan itu, Kompleks ini sepatutnya dilengkapi dengan beberapa kemudahan untuk keselamatan dan keselesaan awam yang berurusan. Pemeriksaan Audit mendapati beberapa kemudahan tidak disediakan seperti berikut:

a. Kekurangan Papan Tunjuk Arah/Kenyataan

Papan tunjuk arah/kenyataan adalah penting sebagai panduan kepada orang awam yang hendak berurusan di sesuatu pejabat. Oleh itu papan tunjuk arah perlu disediakan dengan secukupnya bagi memudahkan pelanggan. Lawatan Audit mendapati papan tunjuk arah di Kompleks amat terhad dan sering kali mengelirukan orang awam. Bagi mengatasi masalah ini, Jabatan/Agensi berkaitan telah mengambil inisiatif dengan mencetak dan mempamerkan petunjuk aras dengan menggunakan kertas/kad untuk panduan dan makluman awam seperti ditunjukkan dalam **Gambar 50.22** dan **50.23**.


Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Papan tanda tunjuk arah telah dipasang untuk kemudahan para pelanggan.

GAMBAR 50.22



GAMBAR 50.23



Lobi Lif
- Tiada Papan Kenyataan Dan Penunjuk Arah
(07.12.2011)

b. Kekurangan Kemudahan Tempat Menunggu

Sering kali orang awam yang berurusan dengan pelbagai Jabatan/Agensi perlu menunggu masa bagi memproses atau mengisi borang tertentu. Lawatan Audit mendapati kemudahan tempat menunggu tidak disediakan oleh KDN sehingga menyebabkan keadaan tidak selesa seperti ditunjukkan dalam **Gambar 50.24** dan **50.25**.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Kementerian akan meneliti keperluan tambahan ruang menunggu dari semasa ke semasa selaras dengan pertambahan bilangan pelanggan.

GAMBAR 50.24



Ruang Legar Aras 6 Blok 1
- Tiada Tempat Menunggu Awam Disediakan Untuk Kemudahan Pengguna
(06.12.2011)

GAMBAR 50.25



Laluan Siar Kaki Blok 1
- Tiada Tempat Menunggu Disediakan Untuk Kemudahan Awam
(06.12.2011)

c. Bilik Mesyuarat Tidak Dilengkapi Dengan Sistem *Conference*

Garis Panduan Dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan oleh Jawatankuasa Standard Dan Kos, EPU tahun 2008 membenarkan pemasangan sistem *conference* di bilik mesyuarat sekiranya jumlah ahli mesyuarat melebihi 30. Ini membolehkan bilik mesyuarat tersebut dapat berfungsi dengan baik serta mencapai matlamat pembinaannya. Lawatan Audit mendapati bilik mesyuarat Jabatan/Agensi khususnya Bilik Mesyuarat Utama di Aras 7, Blok 1 yang berkeluasan 134.48 meter persegi boleh menampung sehingga 80 orang tetapi tidak dilengkapi dengan peralatan tersebut seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 50.26



Bilik Mesyuarat Utama Blok 1
- Hanya Perabot Disediakan
(07.12.2011)

GAMBAR 50.27



Bahagian Kawalan Penapisan Filem Dan Penguatkuasaan
- Hanya Perabot Disediakan
(08.12.2011)

Pada pendapat Audit, KDN perlu mengambil kira kehendak yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan oleh Jawatankuasa Standard Dan Kos, EPU tahun 2008 dalam penyediaan kemudahan berkaitan supaya dapat mencapai objektif pembinaan.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Sistem conference tiada dalam skop pembekalan peralatan/kelengkapan. Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Aset KDN sedang mempertimbangkan perolehan sistem conference bagi semua bilik mesyuarat utama Jabatan.

50.5.5. Pengurusan Kompleks

50.5.5.1. Program Penyenggaraan Tidak Disediakan

a. Setiap agensi bertanggungjawab memastikan semua sumber fizikal dan komponennya seperti peralatan dan kelengkapan disenggarakan secara sistematik

seperti mana ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 (Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan). Pekeliling tersebut antara lain menetapkan supaya satu senarai aset yang perlu penyenggaraan disediakan, merancang dan melaksanakan penyenggaraan serta menilai program penyenggaraan.

b. Semakan Audit mendapati penyenggaraan Kompleks tidak dilaksanakan mengikut kehendak Pekeliling tersebut kerana Senarai Aset bagi tujuan penyenggaraan (KEW.PA-13) tidak disediakan dan penilaian program penyenggaraan tidak dilaksanakan. Ini adalah kerana KDN tidak menerima maklumat terperinci peralatan dan kelengkapan berkaitan dengan kuantiti, jenis, model, lokasi penempatan serta dokumen penyenggaraan Kompleks daripada kontraktor selepas Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kesan daripada ketiadaan program penyenggaraan, kelengkapan dan peralatan yang dibekalkan terdedah kepada kerosakan dan jaminan pengeluar terbatal.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Kontraktor telah mengemukakan senarai inventori bagi setiap Jabatan pada 5 Jun 2012. Aktiviti mengemas kini senarai inventori jabatan sedang dijalankan dan dijangka siap pada 18 Jun 2012. Kontrak penyenggaraan pula kini dalam peringkat akhir penyediaan dan akan ditender pada 15 Jun 2012. Daftar Aset akan disediakan sebaik sahaja kontraktor mengeluarkan senarai penuh aset Kompleks berserta kos. Senarai aset ini akan dikeluarkan sebaik sahaja kos projek dimuktamadkan.

50.5.5.2. Latihan Ambil Alih Kompleks Dihadiri Oleh Pegawai Dan Anggota Kompleks Yang Tidak Berpengalaman

a. Skop kerja pembinaan Kompleks didapati termasuk penyediaan peralatan mekanikal dan elektrikal seperti mesin dan sebagainya. Untuk melancarkan proses serah guna pelbagai mesin kepada pengguna, latihan adalah perlu sejajar dengan keperluan Garis Panduan Pengurusan Pembinaan Projek Reka Dan Bina, JKR. Garis Panduan tersebut antara lain menyenaraikan tanggungjawab kontraktor untuk menyediakan/ mengadakan perancangan latihan seperti berikut:

- Pengurus latihan dan carta organisasi latihan;
- Tenaga jurulatih/pengajar yang kompeten;
- Jadual latihan;
- Tempat latihan;
- Nota latihan/rujukan;
- Keperluan peralatan latihan;
- Penilaian latihan/kajian keberkesanan; dan
- Bilangan pengguna yang perlu dilatih dan tahap pengetahuan.

b. Semakan Audit mendapati kontraktor tidak menyediakan/mengadakan perancangan latihan untuk pengguna fasiliti (end user) bagi tujuan pemindahan teknologi seperti kehendak Klausa 37 Perjanjian Kontrak. Bagaimanapun, pihak kontraktor telah mengadakan beberapa siri latihan dan pegawai/kakitangan yang menghadiri latihan adalah seperti ditunjukkan dalam jadual berikut:

JADUAL 50.6
KEHADIRAN PELATIH MENGIKUT MODUL LATIHAN

MODUL LATIHAN	TARIKH	JUMLAH PESERTA
Perkhidmatan Lif	Tiada Maklumat	3
Cold Water And Sanitary	09.03.2011	4
Fire Protector System	07.03.2011	4
Eletrical, Telephone And ACMV	07.03.2011	5
AV System	09.03.2011	4
P.A. Sistem, CCTV, Building Intercom And Access Card	10.03.2011	4
A/C, Light Dan Ets Control Dan Building Management System	15.03.2011	3

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati pegawai dan kakitangan yang menghadiri kursus adalah pegawai dan kakitangan yang sama. Sebahagian daripada mereka tidak mempunyai kemahiran sepatutnya atau bukan pegawai tetap Kementerian/ Jabatan. Selain dari itu, tiada bukti menunjukkan pemantauan terhadap proses latihan ambil alih Kompleks dilakukan oleh Pengarah Projek/Wakil sepanjang proses latihan dijalankan dengan mengkaji laporan keberkesanan yang disediakan oleh kontraktor atau wakilnya.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Kontraktor telah mengadakan beberapa siri latihan ambil alih kompleks dan telah dihadiri oleh beberapa kakitangan kurang berpengalaman atas faktor kekurangan kakitangan yang kompeten. Kontrak penyenggaraan yang akan ditender memerlukan kontraktor yang berjaya mengadakan satu pasukan khusus untuk kerja penyenggaraan merangkumi teknikal dan perkhidmatan (pembersihan).

Pada pendapat Audit, latihan ambil alih Kompleks adalah penting bagi menjayakan proses pemindahan teknologi kerana melibatkan pengambilalihan tugas dan tanggungjawab menguruskan keseluruhan Kompleks termasuk pepasangan, sistem elektrik dan peralatan yang bernilai tinggi. Pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam latihan perlulah berpengalaman, mahir dan berjawatan tetap supaya proses ambil alih lancar dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

50.5.5.3. Ketiadaan Orang Kompeten (Charge-Man) Untuk Mengendali Pepasangan, Loji Dan Kelengkapan Elektrik

a. Akta 447 Bekalan Elektrik 1990 Bahagian V (Seksyen 23) - Orang-orang yang menjaga (para 97 dan 98) menyatakan bahawa „Tiada pepasangan atau loji atau kelengkapan elektrik selain daripada yang dipunyai atau diuruskan oleh pihak berkuasa bekalan boleh dikerjakan atau dikendalikan kecuali oleh atau di bawah kawalan orang-orang yang memiliki apa-apa kelayakan dan memegang apa-apa perakuan sebagaimana yang ditetapkan. Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, jika pelanggaran itu diteruskan, dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari selama pelanggaran itu diteruskan selepas sabitan".

b. Lawatan Audit mendapati Kompleks ini masih belum mempunyai pegawai dan kakitangan kompeten untuk menjaga dan menjalankan penyenggaraan terhadap kemudahan elektrikal dan mekanikal seperti di **Jadual 50.7**. Penyenggaraan tersebut hanya dilakukan oleh seorang Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang mempunyai kelulusan Diploma Penyenggaraan Enjin Pesawat.

JADUAL 50.7
KEMUDAHAN DAN KEPERLUAN KUASA

KEMUDAHAN	BLOK	KEPERLUAN
Elektrikal	5 Pejabat 3 Kuarters	• Kuasa - 4,422kW • 11kv "*HT switch gear*" • 5 set alat pengubah kuasa (transformer) berjumlah 10 MVA • MSB, SSB & DB berkuasa berjumlah 10,000 A • Litar-litar lampu dan kuasa
Mekanikal		• 4 set *„chiller'* berjumlah 2,050 RT (2,750 HP) • 19 set pam • 4 set *„cooling tower'* • 40 set AHU • 48 set ACSU • 86 set kipas penyedut • Lif

c. Perkara yang sama juga telah dimaklumkan oleh kontraktor melalui surat bertarikh 26 September 2011. Kegagalan pihak pengurusan menyediakan pegawai dan kakitangan yang kompeten telah menyebabkan ketidakpatuhan kepada Akta Bekalan Elektrik untuk mengawal dan menyelia kemudahan dan peralatan yang penting apabila didapati:

- Tiada jurutera bertauliah untuk memantau sistem HT&LV; Sistem Pengurusan Bangunan; dan *chiller plant room* dan *cooling tower*;
- Tiada penyenggaraan dan ujian (try run) bagi set generator sekiranya berlaku kegagalan kuasa;
- Tiada penyenggaraan bagi penukaran peralatan sekiranya perlu seperti lampu, *belt* dan sebagainya; dan
- Tiada pasukan pencegah kebakaran.

Pada pendapat Audit, sekiranya berlaku kerosakan kerana ketiadaan orang kompeten untuk memantau dan menyenggara peralatan boleh menyebabkan jaminan pihak pengeluar akan terbatal dan merugikan KDN. Oleh itu, KDN perlu mengambil tindakan segera menyediakan pegawai dan kakitangan yang kompeten untuk mengawal dan memantau penyenggaraan peralatan tersebut.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Kontraktor menyenggara yang dilantik akan mengadakan satu pasukan khusus untuk kerja penyenggaraan merangkumi aspek teknikal dan perkhidmatan (pembersihan).

50.5.6. Penilaian Tahap Kepuasan Pengguna

50.5.6.1. Penilaian Tahap Kepuasan Pegawai/Kakitangan Kompleks

a. Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada 150 pegawai/kakitangan pelbagai agensi melibatkan Jabatan/Agensi yang menduduki Kompleks KDN Johor. Ia bertujuan bagi menilai tahap kepuasan mereka terhadap pejabat dan kuarters kediaman yang disediakan. Semua pegawai/kakitangan terlibat telah memberi maklum balas mengenai kemudahan yang disediakan di Kompleks pejabat. Manakala bagi kemudahan kuarters yang disediakan, hanya 111 (74%) pegawai/ kakitangan memberi maklum balas. Analisis terhadap maklum balas yang diterima diringkaskan seperti jadual berikut:

JADUAL 50.8
MAKLUM BALAS KEPUASAN PEGAWAI/KAKITANGAN BERHUBUNG DENGAN KOMPLEKS PEJABAT YANG DISEDIAKAN

KOMPLEKS PEJABAT	BAIK		LEMAH	
	MAKLUM BALAS	PERATUS (%)	MAKLUM BALAS	PERATUS (%)
Lokasi Kompleks	135	90.0	15	10.0
Ruang Kerja/Bilik	126	84.0	24	16.0
Auditorium	125	83.3	25	16.7
Dewan Serbaguna	122	81.3	28	18.7
Bilik Mesyuarat	115	76.7	35	23.3
Kaunter Perkhidmatan	110	73.3	40	26.7
Perabot	103	68.7	47	31.3
Kelengkapan/Peralatan	97	64.7	53	35.3
Stor/Bilik Kebal	97	64.7	53	35.3
Landskap Kawasan Kompleks	93	62.0	57	38.0
Utiliti (Elektrik/Air/Internet/Telefon)	87	58.0	63	42.0
Surau	77	51.3	73	48.7
Tandas	71	47.3	79	52.7
Kemudahan Lif	62	41.3	88	58.7
Papan Tanda Tunjuk Arah Pejabat	49	32.7	101	67.3
Kebersihan Persekitaran Kompleks	47	31.3	103	68.7
Parkir Kenderaan	47	31.3	103	68.7
Kafeteria	7	4.7	143	95.3

b. Secara keseluruhannya, responden berpuas hati dengan keadaan Kompleks berkaitan lokasi Kompleks; keadaan ruang kerja/bilik yang disediakan; auditorium; dewan serbaguna; bilik mesyuarat; kaunter perkhidmatan; perabot; kelengkapan/peralatan; stor/bilik kebal; landskap kawasan Kompleks; utiliti; dan surau. Bagaimanapun, analisis menunjukkan responden tidak berpuas hati dengan penyediaan kafeteria; kebersihan kawasan persekitaran Kompleks; parkir kenderaan; papan tanda tunjuk arah; kemudahan lif dan tandas.

c. Maklum balas berhubung dengan kemudahan yang disediakan di kuarters ini menunjukkan antara kelemahan utama yang dikenal pasti adalah parkir kenderaan dan penggunaan surau seperti di jadual berikut:

JADUAL 50.9
MAKLUM BALAS KEPUASAN PEGAWAI/KAKITANGAN BERHUBUNG DENGAN KUARTERS KEDIAMAN YANG DISEDIAKAN


KUARTERS KEDIAMAN	BAIK		LEMAH	
	MAKLUM BALAS	PERATUS (%)	MAKLUM BALAS	PERATUS (%)
Perabot	65	58.6	46	41.4
Utiliti (Elektrik/Air/SMATV)	64	57.7	47	42.3
Kemudahan Lif	57	51.3	54	48.7
Surau	40	36.0	71	64.0
Parkir Kenderaan	29	26.1	82	73.9

d. Maklum balas cadangan penambahbaikan mendapati isu utama yang perlu diberi penekanan oleh KDN dan Unit Pengurusan Kompleks adalah penyediaan kawasan parkir. Analisis yang dilakukan mendapati 68 responden (45.3%) mencadangkan kawasan parkir awam perlu disediakan di luar Kompleks, penambahan parkir pegawai/kakitangan, parkir kenderaan di kuarters perlu berbumbung dan diberikan nombor serta kawasan parkir yang khusus untuk kenderaan yang disita. Seterusnya, cadangan penambahbaikan bagi Kompleks pejabat dan kuarters kediaman dihuraikan seperti di jadual dan carta berikut:

JADUAL 50.10
MAKLUM BALAS PENAMBAHBAIKAN DARIPADA PEGAWAI/KAKITANGAN DI KOMPLEKS KDN JOHOR

CADANGAN	MAKLUM BALAS DITERIMA	PERATUS (%)	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Parkir Kenderaan Di Kompleks Pejabat Dan Kuarters Kediaman	68	45.3	• Parkir Awam Disediakan Di Luar Kawasan Kompleks • Parkir Bagi Pegawai/Kakitangan Yang Bertugas Di Kompleks Ditambah • Parkir Kuarters Perlulah Berbumbung Dan Diberikan Nombor Bagi Setiap Kotak Parkir • Parkir Khusus Disediakan Bagi Kenderaan Yang Disita
Lintasan Pejalan Kaki	24	16.0	• Lintasan Pejalan Kaki/Lorong Pejalan Kaki Disediakan Secara Berbumbung
Kebersihan	23	15.3	• Kebersihan Kompleks Pejabat Dan Kuarters Diberikan Penekanan Dengan Segera • Rumah Sampah Perlulah Disenggara Secara Berjadual
Kafeteria	22	14.7	• Kafeteria Disediakan Bagi Kemudahan Pegawai/Kakitangan Kompleks Serta Pelanggan Yang Berurusan Di Kompleks
Kemudahan Awam	19	12.7	• Kemudahan Tempat Duduk Disediakan Untuk Pelanggan Yang Berurusan Di Kompleks • Kemudahan Lain Seperti Perkhidmatan Jalur Lebar (Wifi) Dan Telefon Awam
Surau	18	12.0	• Surau Atau Masjid Untuk Pegawai/Kakitangan/Pelanggan Kompleks Serta Penghuni Kuarters
Tandas Awam	16	10.7	• Tandas Awam Perlu Ditambah Dan Sentiasa Bersih
Papan Tanda Arah	16	10.7	• Papan Tanda Arah Untuk Kemudahan Pelanggan Kompleks
Kedai Serbaneka	15	10.0	• Kedai Serbaneka (Perkhidmatan Fotostat Dan Fotografi) Disediakan Di Lokasi Yang Sesuai
Keselamatan Kompleks	10	6.7	• Pagar Kuarters Disediakan Bagi Mengasingkan Kawasan Kompleks Pejabat Dan Kuarters • Palang Keselamatan Perlu Dipasang Di Pintu Pagar Utama

CARTA 50.1
MAKLUM BALAS PENAMBAHBAIKAN DARIPADA PEGAWAI/KAKITANGAN DI KOMPLEKS KDN JOHOR



50.5.6.2. Penilaian Tahap Kepuasan Pelanggan Kompleks

Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan kepada pelanggan yang berurusan dengan JIM dan JPN. Maklum balas yang diterima daripada kesemua borang soal selidik yang dikembalikan mendapati perkara seperti berikut:

a. Secara keseluruhannya, responden berpuas hati dengan lokasi Kompleks serta kemudahan yang disediakan antaranya lokasi Kompleks; ruang menunggu pelanggan; kaunter perkhidmatan; parkir kenderaan awam; landskap kawasan Kompleks dan penyediaan tempat perhentian pengangkutan awam seperti teksi dan bas.

b. Maklum balas juga menunjukkan responden tidak berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan di Kompleks seperti kafeteria; tandas awam/OKU; papan tanda tunjuk arah; laluan pejalan kaki; kebersihan sekitar Kompleks; perkhidmatan lif awam; dan keselesaan Kompleks. Cadangan penambahbaikan yang diberikan oleh responden turut menunjukkan tandas awam, kafeteria dan laluan pejalan kaki perlu diberi penekanan dan tindakan penambahbaikan dengan segera. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan carta berikut:


JADUAL 50.11
MAKLUM BALAS KEPUASAN PELANGGAN BERHUBUNG DENGAN LOKASI KOMPLEKS DAN KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN

KOMPLEKS PEJABAT	BAIK		LEMAH	
	MAKLUM BALAS	PERATUS (%)	MAKLUM BALAS	PERATUS (%)
Kaunter Perkhidmatan	88	88.0	12	12.0
Lokasi Kompleks	87	87.0	13	13.0
Ruang Menunggu Pelanggan	81	81.0	19	19.0
Parkir Kenderaan Awam	71	71.0	29	29.0
Perhentian Teksi/Bas dan Perkhidmatan Pengangkutan Awam	58	58.0	42	42.0
Surau	55	55.0	45	45.0
Landskap Kawasan Kompleks	55	55.0	45	45.0
Lintasan Pejalan Kaki	51	51.0	49	49.0
Keselesaan	50	50.0	50	50.0
Perkhidmatan Lif Awam	46	46.0	54	54.0
Kebersihan	43	43.0	57	57.0
Laluan Pejalan Kaki	40	40.0	60	60.0
Papan Tanda Tunjuk Arah	36	36.0	64	64.0
Tandas Awam/OKU	26	26.0	74	74.0
Kafeteria	21	21.0	79	79.0

JADUAL 50.12
MAKLUM BALAS PENAMBAHBAIKAN DARIPADA PELANGGAN KOMPLEKS KDN JOHOR


CADANGAN	MAKLUM BALAS DITERIMA	PERATUS (%)	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Tandas Awam	11	19.0	• Tandas Awam Perlu Ditambah Di Setiap Bangunan • Tandas Perlu Sentiasa Bersih Dan Dibekalkan Dengan Tisu
Kafeteria	10	17.2	• Mempercepatkan Pembukaan Kafeteria
Laluan Pejalan Kaki	8	13.8	• Laluan Pejalan Kaki Berbumbung Dan Lintasan Pejalan Kaki Perlu Disediakan Untuk Tujuan Keselamatan
Kemudahan Awam	6	10.3	• Sediakan Ruangan Khas Bagi Ibu Yang Menyusukan Bayi Dan Kawasan Menukar Lampin • Perlu Menyediakan Kemudahan Awam Seperti Telefon Awam, Pejabat Pos Mini, Kaunter Tukaran Matawang Asing, Mesin Pengeluaran Wang Tunai, Kaunter Atau Pejabat Pesuruhjaya Sumpah
Tempat Berehat	5	8.6	• Tempat Untuk Berehat Disediakan

CARTA 50.2
MAKLUM BALAS PENAMBAHBAIKAN DARIPADA PELANGGAN YANG BERURUSAN DI KOMPLEKS KDN JOHOR



c. Seterusnya, daripada maklum balas yang diterima mendapati kemudahan lain seperti di **Carta 50.3** adalah diperlukan bagi memastikan keselesaan semua pelanggan yang berurusan di Kompleks KDN Johor.

CARTA 50.3
MAKLUM BALAS KEMUDAHAN LAIN YANG DIPERLUKAN OLEH PELANGGAN YANG BERURUSAN DI KOMPLEKS KDN JOHOR



Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pegawai/kakitangan serta pelanggan Kompleks berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan. Bagaimanapun, KDN perlu mempertimbangkan cadangan penambahbaikan yang diutarakan oleh pegawai/kakitangan dan pelanggan untuk mempertingkatkan sistem penyampaian Kerajaan dan tahap kepuasan pelanggan.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Kementerian mengambil maklum balas pelanggan terhadap kajian yang telah dijalankan berhubung tahap kepuasan pengguna dalaman dan luaran. Keperluan bagi lot tempat meletak kenderaan tambahan perlu diselesaikan secara berasingan atas faktor kekangan peruntukan.

50.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan dan ketidakpatuhan kontraktor/perunding terhadap syarat yang ditetapkan dan juga kurang prihatin pegawai dan anggota yang terlibat dalam memantau dan mengurus Kompleks, adalah disarankan supaya KDN mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

50.6.1. Memastikan Pengarah Projek/Wakil mengemukakan arahan secara bertulis kepada kontraktor untuk membaiki segala kecacatan, ketidaksempurnaan, kekurangan atau kerosakan yang dikenal pasti dalam tempoh masa yang ditetapkan.

50.6.2. Memastikan tawaran yang paling menguntungkan Kerajaan di samping menjaga kepentingan Kerajaan supaya bekalan dan perkhidmatan yang diterima di bawah Wang Peruntukan Sementara adalah yang terbaik dari segi kualiti dan mutu.

50.6.3. Memastikan kontraktor membekalkan reka bentuk, spesifikasi, kuantiti dan harga kelengkapan serta peralatan secara terperinci.

50.6.4. Memastikan kontraktor menyedia dan mengemukakan kad aset dan inventori yang lengkap seperti ketetapan kontrak bagi setiap perolehan aset dan inventori. Setiap Jabatan/Agensi pula hendaklah menyelenggarakan Daftar Aset/Inventori dengan lengkap dan kemas kini.

50.6.5. Mengambil kira kehendak yang telah ditetapkan dalam projek pembinaan akan datang dan memastikan penyeliaan dan pemantauan secara berterusan dilakukan semasa peringkat pembinaan projek untuk menjamin kualiti pembinaan selaras dengan kehendak kontrak.

50.6.6. Memastikan kemudahan bilik penyimpanan/stor yang disediakan memenuhi aspek keselamatan yang ditetapkan.

50.6.7. Memastikan latihan bertujuan untuk mengambil alih Kompleks diadakan bagi menjayakan proses pemindahan teknologi. Pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam latihan perlulah berpengalaman, mahir dan berjawatan tetap supaya proses ambil alih Kompleks berjalan lancar dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 409-418
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

51. UNIT PENCEGAH PENYELUDUPAN - PENGURUSAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN

51.1. LATAR BELAKANG

51.1.1. Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) telah ditubuhkan pada 28 Jun 1976 sebagai satu unit bertindak (strike force) bertujuan untuk membanteras kegiatan penyeludupan dan kemasukan secara haram pendatang asing di sempadan Malaysia-Thailand. UPP merupakan satu organisasi penguatkuasaan gabungan daripada 3 agensi yang bertindak secara bersepadu iaitu Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen). Mandat penubuhannya adalah di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan diuruskan secara pentadbiran oleh Kementerian Dalam Negeri (Kementerian) mulai tahun 1995. Pengurusan dan operasi UPP adalah tertakluk kepada Arahan MKN No. 15 dan Peraturan Tetap Unit Pencegah Penyeludupan Bil. 1 yang dikeluarkan oleh MKN. Selain daripada itu, bidang kuasa utama yang digunakan oleh anggota UPP dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan pencegahan dan penyeludupan adalah berpandukan kepada undang-undang agensi induk masing-masing serta kuasa lain seperti di jadual berikut:

JADUAL 51.1
AKTA DAN KUASA YANG DIGUNAKAN OLEH UPP

PDRM	JKDM	IMIGRESEN	KUASA LAIN
• Akta 344-Akta Polis 1967 • Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574) • Kanun Acara Jenayah • Akta Dadah Berbahaya 1952	• Akta Kastam 1967 • Peraturan-Peraturan Kastam 1977 • Akta Eksais 1976 • Akta Cukai Jualan 1972 • Akta Cukai Perkhidmatan 1975	• Akta Imigresen 1959/63 • Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 • Akta Pasport 1966 • Akta Imigresen (Pindaan) 2002	• Akta Lembaga Padi dan Beras Negara (Syarikat Pengganti) 1994 • Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 • Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 • Akta Perikanan 1985

51.1.2. Pengurusan UPP secara keseluruhannya diletakkan di bawah Bahagian Kepolisan Dan Keselamatan Sempadan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan diketuai oleh Setiausaha Bahagian selaku Ketua Pengarah UPP. Di peringkat negeri, pentadbiran UPP diketuai oleh Komander Negeri (pelbagai Gred), dibantu oleh Komander Kawasan (pelbagai Gred) dan anggota penguatkuasaan daripada 3 agensi induk (PDRM, JKDM dan Imigresen) serta kakitangan awam. Terdapat 4 cawangan UPP Negeri di seluruh negara iaitu UPP Kedah, Kelantan, Perak dan Perlis.

51.1.3. Aktiviti utama penguatkuasaan UPP melibatkan aktiviti operasi (sekatan, rondaan dan risikan) dan aktiviti penyerahan barangan rampasan/tangkapan pendatang asing tanpa izin (PATI) kepada agensi induk antaranya penyerahan barangan narkotik (dadah dan syabu) kepada PDRM, barangan berduti import/eksport (rokok dan arak) kepada JKDM, PATI kepada Imigresen dan barangan kawalan subsidi (seperti petrol dan diesel) kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

51.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti penguatkuasaan Unit Pencegah Penyeludupan telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

51.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan berhubung pengurusan aktiviti penguatkuasaan UPP iaitu merangkumi aktiviti pencegahan penyeludupan antaranya operasi sekatan jalan raya, rondaan dan risikan serta penyerahan barang rampasan kepada agensi induk. Skop pengauditan juga merangkumi pejabat Bahagian Kepolisan Dan Keselamatan Sempadan; 3 pejabat UPP Negeri di Kedah, Kelantan dan Perlis; dan 6 pejabat UPP kawasan iaitu Bukit Kayu Hitam dan Kuala Kedah, Kedah; Pengkalan Kubor dan Rantau Panjang, Kelantan serta Padang Besar dan Kuala Perlis, Perlis.

51.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan terhadap rekod dan dokumen. Di samping itu, borang soal selidik telah diedarkan dan maklum balas yang diterima telah dibuat analisis. Selain daripada itu, pemerhatian dan pemeriksaan fizikal terhadap aset yang disenggarakan dilakukan untuk menentukan aset yang diperolehi telah digunakan sepenuhnya.

51.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2011 mendapati prestasi aktiviti penguatkuasaan adalah memuaskan. Bagaimanapun, prestasi aktiviti ini boleh dipertingkatkan lagi supaya aktiviti mencegah penyeludupan akan menjadi lebih berkesan. Antara kelemahan yang ditemui ialah:

i. Jawatankuasa Pasukan Penyelaras Aktiviti Menentang Penyeludupan (JPAMP) peringkat Persekutuan dan Negeri tidak mengadakan mesyuarat mengikut ketetapan;
ii. kegagalan mematuhi perintah dan peraturan berkaitan;
iii. masalah pengisian jawatan kosong dan gred bagi pegawai penyelia lebih rendah berbanding pegawai yang diselia; dan
iv. keperluan logistik dan kemudahan yang tidak diuruskan dengan baik.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui dan ulasan Kementerian/UPP adalah seperti di perenggan berikut:

51.5.1. Prestasi Aktiviti Penguatkuasaan

51.5.1.1. Pencapaian Pelan Strategik 7 Tahun


Mengikut Pelan Strategik 7 Tahun (Tahun 2009 hingga 2015), Kementerian telah menyasarkan strategi pengurangan kadar jenayah penyeludupan di sempadan Malaysia-Thailand sebanyak 5% (dari tahun sebelumnya). Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada sasaran yang ditetapkan telah dicapai kerana penilaian tahunan tidak disediakan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati berlaku penurunan pada nilai rampasan dan bilangan tangkapan PATI (warga asing yang memasuki negara tanpa dokumen sah) bagi tahun 2011 berbanding tahun 2010 seperti di jadual dan carta berikut:

JADUAL 51.2
STATISTIK NILAI RAMPASAN DAN TANGKAPAN PATI
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011


UPP NEGERI	NILAI RAMPASAN (RM Juta)				JUMLAH TANGKAPAN PATI (Orang)			
	2009	2010	2011	JUMLAH	2009	2010	2011	JUMLAH
Perlis	2.28	2.92	2.91	8.11	286	367	208	861
Kedah	3.78	14.35	6.82	24.95	133	161	202	496
Kelantan	2.94	2.10	2.92	7.96	81	62	133	276
JUMLAH	**9.00**	**19.37**	**12.65**	**41.02**	**500**	**590**	**543**	**1,633**

Sumber: Unit Pencegah Penyeludupan, Kementerian Dalam Negeri

CARTA 51.1
NILAI RAMPASAN BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011



CARTA 51.2
BILANGAN TANGKAPAN PATI
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011



Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Pelan Strategik 7 Tahun (Tahun 2009 hingga 2015) Kementerian telah dimansuhkan dan diganti dengan Pelan Strategik 5 Tahun (Tahun 2011 hingga 2015) yang berkuat kuasa mulai bulan Disember 2011 dan penilaian tahunan UPP dibuat secara tahunan. Kementerian telah menyasarkan pengurangan kadar jenayah penyeludupan di sempadan Malaysia-Thailand sebanyak 5% dari tahun sebelumnya berdasarkan kaedah pengukuran yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, UPP perlu membuat penilaian tahunan berkaitan peningkatan atau pengurangan jenayah penyeludupan bagi mengukur keberkesanan operasi penguatkuasaan yang dijalankan.


51.5.1.2. Pencapaian Perjanjian Program Tahunan

a. Perjanjian Program Tahunan UPP telah menyasarkan unjuran prestasi terhadap operasi penguatkuasaan iaitu membuat sekatan jalan raya secara statik dan *ad-hoc* 96 kali setahun; menjalankan rondaan berjalan kaki/kenderaan/bot 730 kali setahun; dan membuat tugas risikan serta pengumpulan maklumat 365 hari setahun. Perenggan 6 dan 7 Peraturan Tetap UPP Bil. 1 Bab V (Operasi) menetapkan bentuk penugasan pencegahan hendaklah berdasarkan kepada keperluan semasa dan bilangan anggota bagi setiap penugasan akan ditentukan oleh Komander UPP. Maklumat terperinci berkenaan dengan pencapaian operasi penguatkuasaan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 di 6 UPP Kawasan yang dilawati adalah seperti di jadual dan carta berikut:

JADUAL 51.3
PENCAPAIAN OPERASI PENGUATKUASAAN UPP KAWASAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

UPP	OPERASI	OPERASI PENGUATKUASAAN YANG DILAKSANA DALAM SETAHUN (Kali)						
		UNJURAN	2009		2010		2011	
			BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%
Padang Besar	Sekatan Jalan Raya	96	730	760.4	730	760.4	1,228	1,279.2
	Rondaan	730	390	53.4	400	54.8	834	114.2
	Risik	365	365	100.0	365	100.0	365	100.0
Kuala Perlis	Sekatan Jalan Raya	96	0	0.0	0	0.0	0	0.0
	Rondaan	730	1,095	150.0	1,095	150.0	1,047	143.4
	Risik	365	365	100.0	365	100.0	365	100.0
Bukit Kayu Hitam	Sekatan Jalan Raya	96	1,452	1,512.5	1,460	1,520.8	1,533	1,596.9
	Rondaan	730	726	99.5	730	100.0	1,109	151.9
	Risik	365	125	34.3	204	55.9	331	90.7
Kuala Kedah	Sekatan Jalan Raya	96	0	0.0	0	0.0	0	0.0
	Rondaan	730	1,044	143.0	1,096	150.1	1,324	181.4
	Risik	365	23	6.3	53	14.5	58	15.9
Pengkalan Kubor	Sekatan Jalan Raya	96	1,095	1,140.6	1,095	1,140.6	360	375.0
	Rondaan	730	298	40.8	312	42.7	216	29.6
	Risik	365	174	47.7	176	48.2	180	49.3
Rantau Panjang	Sekatan Jalan Raya	96	1,095	1,140.6	1,095	1,140.6	360	375.0
	Rondaan	730	365	50.0	365	50.0	216	29.6
	Risik	365	365	100.0	365	100.0	180	49.3

CARTA 51.3
PENCAPAIAN OPERASI PENGUATKUASAAN UPP KAWASAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011



b. Analisis Audit terhadap pencapaian operasi penguatkuasaan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 mendapati perkara seperti berikut:

i. Operasi Sekatan Jalan Raya

Penugasan Sekatan Jalan Raya (SJR) melibatkan aktiviti/tindakan menahan kenderaan secara sistematik bertujuan mencegah penyeludupan barang bercukai dan terlarang. SJR dijalankan di kawasan strategik iaitu di laluan kenderaan/orang yang disyaki. Operasi SJR yang dijalankan oleh anggota UPP adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 51.1



UPP Bukit Kayu Hitam
- Operasi Sekatan Jalan Raya
(01.06.2011)

GAMBAR 51.2



UPP Pengkalan Kubor
- Operasi Sekatan Jalan Raya
(25.07.2011)

Semua UPP Kawasan telah mencapai sasaran Operasi SJR antara 375% hingga 1,596.9% kecuali UPP Kuala Perlis dan UPP Kuala Kedah.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Operasi Sekatan Jalan Raya tidak dijalankan kerana kawasan terlibat bukan berada di pintu utama keluar/masuk Malaysia Thailand, sebaliknya aktiviti pencegah penyeludupan telah diganti dengan mengadakan sekatan secara rawak (snap road block), rondaan berkereta, rondaan bot dan sekatan jalan raya bergerak (mobile road block).

ii. Operasi Rondaan

Penugasan operasi rondaan melibatkan aktiviti rondaan yang dilakukan secara berterusan 24 jam secara syif di kawasan tanggungjawab. Tugas rondaan ini boleh dilakukan secara berkereta, berjalan kaki, bermotosikal serta rondaan menggunakan bot di sepanjang pesisiran pantai di mana kawasan ini sering digunakan oleh penyeludup dan PATI. Bagi Operasi Rondaan, UPP Kuala Perlis, Padang Besar, Bukit Kayu Hitam dan Kuala Kedah telah mencapai sasaran tahunan seperti yang diunjurkan bagi tahun 2011. Manakala 2 lagi iaitu UPP Pengkalan Kubor dan Rantau Panjang hanya mencapai sasaran tahunan sebanyak 29.6%.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Kedua-dua UPP berkenaan telah memberi tumpuan kepada Operasi Sekatan Jalan Raya berbanding Operasi Rondaan kerana mengambil kira trend penyeludupan semasa di kawasan tersebut.

iii. Operasi Risikan

Penugasan operasi risikan melibatkan proses pengumpulan maklumat berhubung aktiviti penyeludupan di kawasan tanggungjawab masing-masing sebelum sesuatu operasi serbuan/khas, penggeledahan dan tangkapan dijalankan. Bagi memastikan aktiviti pencegahan penyeludupan dijalankan dengan lebih berkesan, satu Unit Risik diwujudkan di setiap Pejabat UPP. Unit Risik ini dianggotai oleh ketiga-tiga agensi yang mempunyai kemahiran dan pengalaman serta bertanggungjawab dalam pengumpulan maklumat risikan. Bagi Operasi Risikan pada tahun 2011, UPP Bukit Kayu Hitam, Padang Besar dan Kuala Perlis telah mencapai unjuran antara 90.7% hingga 100%. Manakala UPP Kuala Kedah, Rantau Panjang dan Pengkalan Kubor hanya mencapai unjuran antara 15.9% hingga 49.3%.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Ketiga-tiga UPP berkenaan telah memberi tumpuan kepada Operasi Sekatan Jalan Raya dan Operasi Rondaan berbanding Operasi Risikan kerana mengambil kira trend penyeludupan di kawasan tersebut.

51.5.1.3. Barang Rampasan Dan Tangkapan PATI


UPP telah diperuntukkan kuasa mengikut undang-undang agensi induk masing-masing untuk merampas barangan yang diseludup serta menangkap PATI. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, nilai barang rampasan dan bilangan tangkapan PATI bagi 6 UPP kawasan yang dilawati adalah seperti di jadual dan carta berikut:

JADUAL 51.4
NILAI BARANG RAMPASAN DAN BILANGAN TANGKAPAN PATI
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

UPP	OPERASI	NILAI BARANG RAMPASAN (RM)			TANGKAPAN PATI (Orang)		
		2009	2010	2011	2009	2010	2011
Padang Besar	Sekatan Jalan Raya	563,656	87,520	199,970	1	7	6
	Ronda	547,252	744,313	314,378	0	0	0
	Risik	743,743	1,165,211	1,098,734	48	23	8
	Jumlah	**1,854,651**	**1,997,044**	**1,613,082**	**49**	**30**	**14**
Kuala Perlis	Sekatan Jalan Raya	0	0	0	0	0	0
	Ronda	0	0	1,395	0	0	0
	Risik	24,903	456,651	151,887	25	10	8
	Jumlah	**24,903**	**456,651**	**153,282**	**25**	**10**	**8**
Bukit Kayu Hitam	Sekatan Jalan Raya	1,975,824	9,699,247	1,338,605	21	44	37
	Ronda	0	297,166	508,682	17	23	21
	Risik	845,590	1,769,388	3,555,114	82	4	28
	Jumlah	**2,821,414**	**11,765,801**	**5,402,401**	**120**	**71**	**86**
Kuala Kedah	Sekatan Jalan Raya	0	0	0	0	0	0
	Ronda	0	1,089	19,000	13	75	111
	Risik	963,308	2,353,265	1,401,611	0	15	5
	Jumlah	**963,308**	**2,354,354**	**1,420,611**	**13**	**90**	**116**
Pengkalan Kubor	Sekatan Jalan Raya	0	0	50,956	0	0	6
	Ronda	0	0	305,738	0	0	3
	Risik	486,732	1,105,997	356,697	1	3	4
	Jumlah	**486,732**	**1,105,997**	**713,391**	**1**	**3**	**13**


UPP	OPERASI	NILAI BARANG RAMPASAN (RM)			TANGKAPAN PATI (Orang)		
		2009	2010	2011	2009	2010	2011
Rantau Panjang	Sekatan Jalan Raya	166,087	58,107	62,312	23	23	53
	Ronda	9,500	0	373,874	0	0	30
	Risik	336,033	354,535	436,188	1	0	20
	Jumlah	**511,620**	**412,642**	**872,374**	**24**	**23**	**103**
JUMLAH		**6,662,628**	**18,092,489**	**10,175,141**	**232**	**227**	**340**
JUMLAH KESELURUHAN		**34,930,258**			**799**		

CARTA 51.4
NILAI BARANGAN RAMPASAN BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011



	Tahun 2009 (RM)	Tahun 2010 (RM)	Tahun 2011 (RM)
UPP Padang Besar	1,854,651	1,997,044	1,613,082
UPP Kuala Perlis	24,903	456,651	153,282
UPP Bukit Kayu Hitam	2,821,414	11,765,801	5,402,401
UPP Kuala Kedah	963,308	2,354,354	1,420,611
UPP Pengkalan Kubor	486,732	1,105,997	713,391
UPP Rantau Panjang	511,620	412,642	872,374

CARTA 51.5
STATISTIK TANGKAPAN PATI BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011



	Tahun 2009 (Orang)	Tahun 2010 (Orang)	Tahun 2011 (Orang)
UPP Padang Besar	49	30	14
UPP Kuala Perlis	25	10	8
UPP Bukit Kayu Hitam	120	71	86
UPP Kuala Kedah	13	90	116
UPP Pengkalan Kubor	1	3	13
UPP Rantau Panjang	24	23	103

Maklum Balas Unit Pencegah Penyeludupan Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Sungguhpun tiada hasil barangan rampasan diperolehi daripada operasi, kekerapan membuat rondaan secara tidak langsung dapat membantu mencegah berlakunya penyeludupan.

Pada pendapat Audit, pencapaian prestasi aktiviti penguatkuasaan UPP adalah memuaskan kerana telah menjalankan operasi penguatkuasaan seperti yang dirancang. Manakala perjanjian program tahunan perlu sentiasa dikaji supaya

menunjukkan unjuran yang lebih realistik dan dianalisis supaya setiap jenis operasi penguatkuasaan yang dijalankan dapat meningkatkan keberkesanan fungsi UPP.

51.5.1.4. Prestasi Kewangan

Peruntukan kewangan UPP diuruskan oleh Bahagian Kewangan Kementerian dan disalurkan terus kepada Pejabat UPP Negeri bagi pengurusan di peringkat negeri. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, UPP telah memperolehi peruntukan mengurus berjumlah RM27.75 juta bagi melaksanakan aktiviti penguatkuasaan pencegahan penyeludupan. Semakan Audit mendapati UPP telah mencapai perbelanjaan sejumlah RM26.76 juta (96.4%) daripada peruntukan yang diluluskan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Maklumat terperinci berkenaan peruntukan dan perbelanjaan sebenar bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 mengikut Bahagian dan Negeri adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 51.5
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS UPP
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

BAHAGIAN/ UPP NEGERI	TAHUN					
	2009		2010		2011	
	PERUNTUKAN (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	PERUNTUKAN (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	PERUNTUKAN (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)
Bahagian Kepolisan Dan Keselamatan Sempadan	0.23	0.19	0.53	0.52	0.55	0.53
Perlis	3.55	3.51	3.46	3.36	4.17	4.08
Kedah	1.47	1.41	0.91	0.85	1.50	1.45
Kelantan	3.58	3.50	2.12	1.76	2.12	2.07
Perak	1.84	1.83	0.83	0.81	0.89	0.89
JUMLAH	**10.67**	**10.44**	**7.85**	**7.30**	**9.23**	**9.02**
PERATUS (%)		**97.8**		**93.0**		**97.7**

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan UPP adalah baik apabila sebanyak 96.4% daripada peruntukan yang diluluskan telah dibelanjakan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011.

51.5.2. Pengurusan Pentadbiran Aktiviti

51.5.2.1. Kuasa Dan Mandat

Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengeluarkan Arahan MKN No.15 pada 17 Disember 1987 bagi menyelaras tindakan pencegahan dan seterusnya membanteras aktiviti penyeludupan dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit terhadap perkara utama berkaitan kuasa dan mandat mendapati perkara seperti berikut:

a. Penubuhan Jawatankuasa Pasukan Penyelaras Aktiviti Menentang Penyeludupan Di Peringkat Persekutuan Dan Negeri

Jawatankuasa Pasukan Penyelaras Aktiviti Menentang Penyeludupan (JPAMP), Peringkat Persekutuan Dan Negeri ditubuhkan dengan tujuan untuk menyelaras aktiviti mencegah penyeludupan yang dijalankan oleh agensi yang terlibat secara bersepadu. Jawatankuasa Peringkat Persekutuan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri manakala di peringkat negeri oleh Ketua Polis Negeri. Jawatankuasa ini dikehendaki mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati di peringkat

Persekutuan, bilangan mesyuarat yang diadakan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 51.6
KEKERAPAN MESYUARAT JPAMP PERINGKAT PERSEKUTUAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	KEKERAPAN MESYUARAT (Kali)
2009	0
2010	6
2011	1

Manakala di peringkat Negeri pula, semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 semua negeri yang dilawati tidak mengadakan mesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan seperti di jadual berikut:

JADUAL 51.7
KEKERAPAN MESYUARAT JPAMP PERINGKAT NEGERI
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

UPP NEGERI	KEKERAPAN MESYUARAT (kali)			JUMLAH
	TAHUN			
	2009	2010	2011	
Perlis	0	0	0	0
Kedah	2	2	2	6
Kelantan	0	0	0	0

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Mesyuarat JPAMP peringkat Persekutuan telah dirancang untuk diadakan sepanjang tahun sebagaimana ditetapkan, namun terpaksa ditunda beberapa kali. Walau bagaimanapun, pihak urus setia mesyuarat akan memastikan fungsi JPAMP sentiasa berjalan lancar dan pemantauan dapat dilakukan secara berkala melalui mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun. Manakala mesyuarat JPAMP peringkat negeri tidak dapat diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan kerana kekangan Ketua Polis Negeri yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa yang turut terlibat dalam pelbagai mesyuarat di bawah agensi induknya.

Pada pendapat Audit, JPAMP peringkat Persekutuan dan Negeri hendaklah mengadakan mesyuarat seperti ketetapan bagi memastikan penyelarasan aktiviti penguatkuasaan pencegahan penyeludupan dapat dijalankan dengan berkesan dan pemantauan berkala dilaksanakan.

b. Struktur Organisasi UPP Tidak Mengikut Ketetapan Arahan MKN No.15

Arahan MKN No.15 telah menggariskan struktur organisasi yang dapat memisahkan fungsi dan bidang tugas UPP mengikut peringkat Persekutuan, Negeri dan Kawasan di mana organisasi UPP di peringkat Negeri dan Kawasan hendaklah diketuai oleh seorang Komander Negeri/Kawasan dan dibantu oleh 3 orang Timbalan Komander Negeri/Kawasan (mewakili 3 agensi induk UPP iaitu PDRM, JKDM dan Imigresen) yang bertanggungjawab memberi nasihat pakar mengenai akta dan peraturan agensi masing-masing. Semakan Audit mendapati struktur organisasi UPP terutama berkaitan perjawatan Timbalan Komander di peringkat Negeri dan Kawasan tidak mengikut ketetapan di dalam Arahan kerana hanya mewujudkan 2 jawatan Timbalan Komander di peringkat negeri masing-masing. Keadaan ini berlaku disebabkan

perjawatan di UPP tidak diluluskan bagi jawatan Timbalan Komander Negeri dan Kawasan. Ini melibatkan 10 jawatan Timbalan Komander Negeri/Kawasan iaitu 7 dari PDRM, 2 dari jawatan JKDM dan satu dari Jabatan Imigresen seperti di jadual berikut:

JADUAL 51.8
PERJAWATAN TIMBALAN KOMANDER NEGERI/KAWASAN DILULUSKAN TIDAK MENGIKUT KETETAPAN DI BAWAH ARAHAN MAJLIS KESELAMATAN NEGARA NO. 15

UPP	BILANGAN PERJAWATAN SEPATUTNYA (ARAHAN MKN NO. 15)	JAWATAN TIMBALAN KOMANDER NEGERI/KAWASAN MENGIKUT AGENSI INDUK DAN GRED PERJAWATAN DILULUSKAN						JUMLAH PERJAWATAN	
		JKDM		PDRM		IMIGRESEN			
		BIL.	GRED	BIL.	GRED	BIL.	GRED	DILULUSKAN	TIDAK DILULUSKAN
PERLIS									
Pejabat UPP Negeri	3	1	W41	0	-	0	-	1	2
Padang Besar	3	1	W26	0	-	1	KP32	2	1
Kuala Perlis	3	1	W26	0	-	1	KP32	2	1
KEDAH									
Pejabat UPP Negeri	3	0	-	1	YY14	1	M41	2	1
Bukit Kayu Hitam	3	1	W26	0	-	1	KP26	2	1
Kuala Kedah	3	1	W22	0	-	1	KP22	2	1
KELANTAN									
Pejabat UPP Negeri	3	0	-	1	YY15	1	M41	2	1
Pengkalan Kubor	3	1	W22	0	-	1	KP26	2	1
Rantau Panjang	3	1	W22	0	-	1	KP22	2	1
JUMLAH	**27**	**7**		**2**		**8**		**17**	**10**

c. Peraturan Tetap Unit Pencegah Penyeludupan Bil. 1

Peraturan Tetap UPP Bil. 1 telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara pada 17 Disember 1987. Antara perkara utama yang dinyatakan dalam Peraturan ialah Am (Bab I), Struktur Pemerintah (Bab II), Pentadbiran/Perkhidmatan (Bab III), Kewangan (Bab IV) dan Operasi (Bab V). Semakan Audit mendapati beberapa perenggan tidak lagi relevan untuk diguna pakai disebabkan berlaku perubahan. Antaranya di peringkat awal Penyediaan Anggaran Belanjawan Tahunan dan kadar pembayaran Elaun UPP perlu mendapat pertimbangan daripada Setiausaha MKN. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada masa kini Penyediaan Anggaran Belanjawan Tahunan telah disediakan oleh Pejabat UPP tanpa melibatkan Setiausaha MKN. Selain itu, pihak Audit turut mendapati beberapa peruntukan atau ketetapan dalam Peraturan ini juga tidak dipatuhi sepenuhnya oleh Pejabat UPP Negeri dan Kawasan. Antaranya adalah berkaitan kursus Pra UPP, cuti, penyediaan Laporan Prestasi Tahunan dan penghargaan perkhidmatan, penyediaan Laporan Suku Tahunan Perjawatan dan mesyuarat bulanan.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Proses pindaan Arahan MKN No. 15 telah selesai dan telah dikemukakan kepada Setiausaha MKN untuk tindakan selanjutnya.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah mematuhi dan melaksanakan segala cadangan pindaan Arahan MKN No. 15 yang diluluskan bagi memantapkan pentadbiran dan pengurusan aktiviti UPP.

51.5.2.2. Pengurusan Penyerahan Barangan Rampasan/Tangkapan PATI

a. Berdasarkan kepada Peraturan Tetap Unit Pencegah Penyeludupan Bil. 1 Bab 5 Operasi (Perkara 18 Barang Rampasan), kesemua barangan rampasan dan tangkapan PATI hendaklah diserahkan kepada agensi induk yang berkenaan bagi tujuan pendakwaan dan juga pelupusan/lelong. Semakan Audit mendapati barangan rampasan telah diserahkan kepada agensi induk dan agensi penguatkuasaan seperti di **Jadual 51.9**. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, adalah didapati nilai barangan rampasan tertinggi mengikut kategori adalah kenderaan (RM16.20 juta), dadah (RM7.08 juta), rokok/tembakau (RM2.42 juta) dan beras (RM2.28 juta). Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati dokumen yang disertakan semasa penyerahan barangan rampasan dan PATI kepada agensi induk kecuali daripada PDRM tidak sama dan seragam antara UPP dan berbeza mengikut negeri seperti di **Jadual 51.10**.

JADUAL 51.9
BARANG RAMPASAN UPP NEGERI
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

KATEGORI BARANG RAMPASAN	NILAI RAMPASAN UPP NEGERI MENGIKUT TAHUN (RM)									JUMLAH (RM)
	UPP PERLIS			UPP KEDAH			UPP KELANTAN			
	2009	2010	2011	2009	2010	2011	2009	2010	2011	
Beras	9,884	12,920	9,367	6,780	163,838	7,146	639,571	482,542	952,475	2,284,523
Diesel/Petrol	39,749	167,038	145,025	8,597	290,981	138,227	3,635	23,060	360,354	1,176,666
Dadah	4,620	2,788	54,157	159,390	6,507,615	43,061	1,626	15,100	291,062	7,079,419
Mercun/ Bunga Api	87,297	23,487	50,490	10,007	7,856	72,379	102,365	653,140	226,400	1,233,421
Haiwan/ Hidupan Liar	141,536	29,905	0	195,350	13,000	65,436	172,800	162,000	11,000	791,027
Perikanan	11,000	3,600	321,040	25,515	3,031	23,500	578,200	152,000	0	1,117,886
Minuman Keras	24,785	28,915	50,534	26,720	555,577	229,681	49,096	0	9,620	974,928
Rokok/ Tembakau	75,953	37,729	30,340	94,718	54,614	1,553,357	205,493	220,750	150,700	2,423,654
Kayu Gaharu	0	0	63,000	380,750	20,000	379,100	0	0	0	842,850
Minyak Masak	25,542	8,070	13,758	75	0	8,163	14,346	9,154	48,966	128,074
Kenderaan	1,259,500	1,567,500	1,947,130	2,197,900	4,819,500	2,917,900	952,900	226,000	313,000	16,201,330
Penerbitan Filem/VCD/ DVD	111,810	1,395,000	95,000	73,550	162,181	3,800	0	0	0	1,841,341
JUMLAH	**1,791,676**	**3,276,952**	**2,779,841**	**3,179,352**	**12,598,193**	**5,441,750**	**2,720,032**	**1,943,746**	**2,363,577**	**36,095,119**

Sumber: ***Laporan Tahunan UPP Negeri***

JADUAL 51.10
PENGGUNAAN DOKUMEN YANG TIDAK SERAGAM
SEMASA PENYERAHAN BARANGAN RAMPASAN/PATI

UPP KAWASAN	BORANG PENYERAHAN BARANGAN RAMPASAN/PATI		
	JKDM (BARANG RAMPASAN/ KENDERAAN/SUSPEK)	IMIGRESEN (PATI DAN BARANG PERIBADI)	KPDNKK (BARANG RAMPASAN/ KENDERAAN/SUSPEK)
Padang Besar	▪ Borang Serah Barang Kes/Suspek	▪ Borang Penyerahan Orang Kena Tahan/Barang Kes ▪ Borang Surat Perintah Tahanan Reman ▪ Borang Mohon Tahan Suspek Dalam Lokap Polis ▪ Borang Serah Barang Kes/Suspek	▪ Borang Serah Barang Kes/Suspek
Kuala Perlis			

UPP KAWASAN	BORANG PENYERAHAN BARANGAN RAMPASAN/PATI		
	JKDM (BARANG RAMPASAN/ KENDERAAN/SUSPEK)	IMIGRESEN (PATI DAN BARANG PERIBADI)	KPDNKK (BARANG RAMPASAN/ KENDERAAN/SUSPEK)
Bukit Kayu Hitam	▪ Borang Serahan Kes Agensi Lain	▪ Borang Laporan Tindakan Semasa IMM.221 ▪ Borang Masuk (Reman) Depot ▪ Borang Akuan Serah Barang Kes	▪ Surat Penyerahan Barang Kes ▪ Akuan Serah Barang Kes
Kuala Kedah			▪ Borang Serahan Kes Agensi Lain
Pengkalan Kubor	▪ Borang Serahan Kes Agensi Lain	▪ Borang Akuan Serah/Terima PATI Dari Jabatan Imigresen/Rela/Polis Dan Agensi Lain	▪ Borang Penyerahan Kes
Rantau Panjang		▪ Borang Akuan Serah/Terima Tangkapan Dan Barang Kes ▪ Borang Akuan Serah/Terima PATI Dari Jabatan Imigresen/Rela/Polis Dan Agensi Lain	▪ Kenyataan Pemeriksaan

Pada pendapat Audit, UPP seharusnya menggunakan dokumen yang seragam dan diselaraskan dengan keperluan agensi induk di semua UPP semasa penyerahan barangan rampasan dan PATI supaya memudahkan pemantauan.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Bagi tujuan penyelarasan pihak UPP akan memastikan dokumen yang digunakan semasa penyerahan barangan rampasan dan PATI adalah seragam di setiap negeri dan selaras dengan keperluan agensi penerima.

b. Berdasarkan kepada Peraturan Tetap Unit Pencegah Penyeludupan Bil. 1, kesemua barangan rampasan termasuk kenderaan perlu diserahkan kepada agensi induk. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati masih terdapat 42 kenderaan pelbagai jenis yang masih belum diambil oleh agensi berkaitan walaupun telah diserahkan dan masih berada di dalam simpanan UPP Rantau Panjang seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 51.11
BARANG RAMPASAN YANG BELUM DIAMBIL OLEH AGENSI INDUK SELEPAS PENYERAHAN DOKUMEN KES SEHINGGA BULAN DISEMBER 2011

BARANG KES	NO. PENDAFTARAN	AGENSI INDUK	TARIKH DOKUMEN/ BARANG KES DISERAH	TEMPOH DISIMPAN
Van Nissan Vanette	JBC 8850	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat	Lebih daripada 10 tahun
	PBD 285			
	BCS 3745			
	WAU 1977			
	AAY 3568			
	WBJ 5086			
	DT 5625			
Van Mitsubishi Delica	MAA 7138			
Van Ford Econovan	DQ 4759			
Van Isuzu WFR	KY 4018			
Lori Toyota Dyna Hiace	WBX 6980			
Lori Toyota	WBF 9915			
Kereta Proton Iswara	DAK 2897			
Kereta Proton Saga	WBU 5571			
Kereta Mazda	WAU 7883			
	BBU 9927			
	WAN 554			
Kereta Mazda 626	SA 9486 H			
	WAQ 312			
Kereta Mitsubishi Galant	WY 6324			
	MN 7562			

BARANG KES	NO. PENDAFTARAN	AGENSI INDUK	TARIKH DOKUMEN/ BARANG KES DISERAH	TEMPOH DISIMPAN
Kereta Perodua Kancil	KAU 1266	KPDNKK	24.04.2011	95 hari
Kereta Proton Iswara Aeroback	BDS 3323	KPDNKK	03.05.2011	86 hari
	WKX 1596	KPDNKK	05.05.2011	84 hari
Kereta Proton Iswara	BDL 9099	KPDNKK	30.07.2009	1 tahun
Kereta Proton Wira	JEG 3831	KPDNKK	21.01.2010	1 tahun 6 bulan
Kereta Proton Wira Aeroback	WHW 9908	KPDNKK	07.12.2009	1 tahun 7 bulan
Kereta Volvo	WAM 4554	KPDNKK	23.07.2010	1 tahun
Van Warna Hijau	BDJ 7345	KPDNKK	23.05.2011	66 hari
Kereta Mitsubishi	DAD 1146	KPDNKK	09.06.2011	49 hari
Kereta Mazda 626	DAA 2876	KPDNKK	05.05.2010	84 hari
Kereta Proton Satria	WJU 8486	PDRM	21.04.2011	98 hari
Motosikal (Thailand)	BEE 703	PDRM	01.07.2010	1 tahun
Motosikal (Thailand)	AiE 48	PDRM	30.06.2011	28 hari
Van Nissan Vanette	CAE 4339	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
Kereta Proton Waja	NBG 8439	Imigresen	2006	Lebih 4 tahun
Kereta Honda	WFB 9688	Imigresen	2006	Lebih 4 tahun
Kereta KIA Caren	WKW 504	KPDNKK	23.03.2008	Lebih 3 tahun
Kereta Wira Aeroback	WGS 6235	Imigresen	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
Kereta Datsun Nissan Sunny	KN 8741	KPDNKK	2006	Lebih 4 tahun
Kereta Proton Iswara	CAP 7411	Imigresen	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
Kereta Datsun Nissan Sunny	WBF 9679	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat



GAMBAR 51.3

UPP Rantau Panjang
- Antara Kenderaan Yang Masih Belum Diambil Oleh Agensi Induk Melebihi 10 Tahun (27.07.2011)

Pada pendapat Audit, kesemua barangan rampasan termasuk kenderaan yang dirampas seharusnya menjadi tanggungjawab agensi induk untuk disimpan supaya memudahkan persediaan untuk pendakwaan seperti kehendak para 18, Bab 5 - Operasi di dalam Peraturan Tetap UPP Bil. 1.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Notis pengosongan barang kes dan eksibit telah dikemukakan kepada semua agensi yang terlibat pada 19 Januari 2012.

51.5.3. Struktur Organisasi Dan Guna Tenaga

Struktur organisasi yang mantap serta penggunaan tenaga kerja yang optimum akan mewujudkan sebuah agensi yang berprestasi tinggi. Bagi mencapai tahap tersebut, UPP perlu mengatasi masalah yang dihadapi antaranya seperti berikut:

51.5.3.1. Pengisian Perjawatan

a. Pengisian perjawatan bagi agensi Kerajaan hendaklah mengikut waran perjawatan yang diluluskan dan struktur organisasi yang dibentuk juga hendaklah berdasarkan kelulusan tersebut. Secara khususnya, Arahan MKN No.15 telah menggariskan syarat pengisian perjawatan iaitu perlu dianggotai oleh 3 agensi induk iaitu PDRM, JKDM dan Imigresen. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2011,

jumlah keseluruhan perjawatan UPP yang diluluskan di peringkat Ibu Pejabat UPP, Putrajaya dan 4 Pejabat UPP Negeri adalah sebanyak 940 perjawatan dan 796 (84.7%) perjawatan telah diisi seperti di jadual berikut:

JADUAL 51.12
KEDUDUKAN PENGISIAN PERJAWATAN UPP SEHINGGA BULAN DISEMBER 2011

UPP	LULUS	ISI		KOSONG
		BIL.	%	
PERINGKAT KEMENTERIAN				
Ibu Pejabat	6	6	100	0
PERINGKAT NEGERI				
Perlis	485	410	84.5	75
Kedah	236	200	84.7	36
Perak	34	31	91.2	3
Kelantan	179	149	83.2	30
JUMLAH NEGERI	**934**	**790**	**84.6**	**144**
JUMLAH KESELURUHAN	**940**	**796**	**84.7**	**144**

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati daripada 144 kekosongan perjawatan melibatkan 3 agensi induk utama, PDRM mencatat jumlah kekosongan tertinggi iaitu 65 perjawatan (45.1%) melibatkan 64 jawatan beruniform dan satu perjawatan Awam, diikuti JKDM dan Imigresen sebanyak 26 dan 53 perjawatan (18.1% dan 36.8%) masing-masing seperti di jadual berikut:

JADUAL 51.13
PERJAWATAN UPP BERDASARKAN PENGISIAN AGENSI INDUK SETAKAT BULAN DISEMBER 2011

NEGERI	PDRM						JKDM			IMIGRESEN			KESELURUHAN		
	BERUNIFORM			AWAM											
	L	I	K	L	I	K	L	I	K	L	I	K	L	I	K
Perlis	347	317	30	5	6	- 1	58	44	14	75	43	32	485	410	75
Kedah	170	145	25	3	2	1	31	28	3	32	25	7	236	200	36
Perak	14	14	0	0	0	0	11	10	1	9	7	2	34	31	3
Kelantan	98	89	9	5	4	1	42	34	8	34	22	12	179	149	30
JUMLAH	**629**	**565**	**64**	**13**	**12**	**1**	**142**	**116**	**26**	**150**	**97**	**53**	**934**	**790**	**144**

Nota: ***L - Lulus*** ***I - Isi*** ***K - Kosong***

51.5.3.2. Kelemahan Sistem Perintah Dan Pengawalan (Command And Control)

a. Untuk membolehkan sesebuah organisasi berfungsi dengan cekap dan berkesan, satu sistem perintah dan pengawalan (command and control) yang jelas perlu diwujudkan. Semakan Audit mendapati UPP tidak mempunyai struktur yang teratur mengikut kekananan dalam hierarki perjawatan. Ini kerana jawatan Timbalan Komander UPP bagi Imigresen iaitu dari Gred KP22/26 dan JKDM dari Gred W22/26 adalah lebih rendah daripada pegawai di bawah kawalannya seperti jawatan Sarjan Gred YY6 dan Sarjan Mejar Gred YY8 yang setara dengan Gred KP/W27 serta Inspektor/Cif Inspektor Gred YY11/14 yang setara dengan Gred KP/W41. Keadaan ini berlaku selepas penggredan semula perjawatan PDRM melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 24 Tahun 2008. Ini telah menyebabkan perintah atau pengawalan sukar dikeluarkan oleh Timbalan Komander kepada anggota bawahan. Maklumat terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 51.14
PERMASALAHAN PERINTAH DAN KAWALAN (COMMAND AND CONTROL)

UPP	JAWATAN	JAWATAN/GRED	JAWATAN/GRED PEGAWAI SELIAAN	BILANGAN
PERLIS				
Padang Besar	Timbalan Komander Kawasan 1	Pegawai JKDM Tinggi/W26	Cif Inspektor/YY12	1
	Timbalan Komander Kawasan 2	Pegawai Imigresen/KP22	Sarjan Mejar/YY8	1
			Sarjan/YY6	12
Kuala Perlis	Timbalan Komander Kawasan	Pegawai JKDM Tinggi/W26	Sarjan/YY6	3
	Timbalan Komander Kawasan	Pegawai Imigresen/KP22		
KEDAH				
UPP Negeri	Timbalan Komander Logistik	Pegawai JKDM Tinggi/W26	Sarjan/YY6	2
	Komander Kawasan	Pegawai JKDM Tinggi/W26	Sarjan/YY6	1
Bukit Kayu Hitam	Timbalan Komander Imigresen	Pegawai Imigresen/KP26	Sarjan/YY6	10
Kuala Kedah	Timbalan Komander JKDM	Pegawai JKDM Tinggi/W26	Sarjan/YY8	1
KELANTAN				
Pengkalan Kubor	Timbalan Komander Kawasan (Pentadbiran)	Pegawai Imigresen/KP22	Sarjan/YY6	1
	Timbalan Komander Kawasan (Operasi)	Pegawai JKDM Kanan/W22		
Rantau Panjang	Timbalan Komander Kawasan (Pembangunan)	Pegawai JKDM Kanan/W22	Sarjan/YY6	1
	Timbalan Komander Kawasan (Operasi)	Pegawai Imigresen/KP26		

b. Antara sebab utama berlaku kelemahan struktur organisasi dan masalah pengisian jawatan yang meruncing adalah seperti berikut:

i. Perjawatan yang diluluskan terutama di peringkat pejabat UPP Negeri tidak mencukupi menyebabkan perjawatan perlu disandar masuk dari UPP Kawasan. Keadaan ini mengakibatkan kekuatan yang diperlukan oleh pejabat UPP berkaitan untuk menjalankan tugas seperti sekatan jalan raya, rondaan dan risikan sentiasa tidak mencukupi dan dikhuatiri akan menjejaskan operasi.

ii. Anggota yang telah dinaikkan pangkat tidak mendapat pengganti. Sebagai contoh, pegawai gred KP17 yang telah dinaikkan pangkat ke gred KP22, namun kekosongan jawatan KP17 masih belum diganti.

iii. Perjawatan kosong di UPP tidak dapat diisi kerana sandaran keluar anggota ke agensi induk bagi jawatan yang telah diluluskan untuk UPP Negeri/Kawasan.

iv. PDRM tidak dapat memenuhi keperluan pengisian anggotanya disebabkan kekangan tugas hakiki anggota PDRM dalam melaksanakan tugas pencegahan jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam NKRA.

Pada pendapat Audit, struktur organisasi dan guna tenaga UPP perlu dipertingkatkan lagi supaya dapat melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya dengan lebih cekap dan berkesan. Penstrukturan semula organisasi atau mengurus sumber tenaga yang ada dengan lebih strategik (deployment) perlu dilakukan dengan segera supaya masalah struktur dan kekurangan perjawatan dapat diatasi.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Kelemahan dalam struktur organisasi dan masalah pengisian perjawatan adalah disebabkan perjawatan UPP di bawah bidang kuasa agensi induk masing-masing yang mengawal urusan penempatan, pengisian dan sebagainya. UPP bersetuju supaya penstrukturan semula organisasi UPP dilakukan segera supaya masalah kekurangan perjawatan dapat diatasi.

51.5.3.3. Latihan

a. Peraturan Tetap Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) Bil. 1 telah menetapkan bahawa setiap pegawai dan anggota hendaklah diberi Kursus Pra UPP sebelum memasuki perkhidmatan UPP. Modul kursus ini antaranya adalah asas pengendalian senjata; asas kawat baris, pengenalan undang-undang yang berkaitan, teori dan amali mengenai cara penguatkuasaan undang-undang dan peraturan lain yang difikirkan sesuai.

b. UPP Negeri keseluruhannya dianggotai oleh seramai 790 orang (jawatan yang diisi) merangkumi 565 orang daripada PDRM, 116 daripada JKDM, 97 daripada Imigresen dan 12 kakitangan awam. Semakan Audit mendapati hanya pegawai dan anggota daripada JKDM yang telah menghadiri kursus Pra UPP sebelum memasuki UPP, manakala pegawai dan anggota daripada agensi lain tidak menghadiri kursus berkenaan.

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati kursus dan latihan seperti kursus dalam perkhidmatan atau kursus kerjaya bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai dan anggota ada disediakan dari semasa ke semasa oleh pejabat UPP dan juga agensi induk.

Pada pendapat Audit, pengurusan latihan untuk pegawai UPP perlu dipertingkatkan di mana Kursus Pra UPP perlu dihadiri oleh semua pegawai dan anggota sebelum memasuki UPP yang merupakan sebuah organisasi bersepadu daripada gabungan pelbagai agensi iaitu PDRM, JKDM dan Imigresen. Ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan asas berkaitan tugas dan tanggungjawab UPP supaya mereka lebih memahami serta bersedia memikul tanggungjawab yang diamanahkan.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Kementerian sedang merangka Pelan Strategik Latihan bagi pegawai dan anggota UPP bagi memastikan aspek latihan dalam UPP sentiasa diberi perhatian sewajarnya.

51.5.4. Kemudahan Aktiviti

51.5.4.1. Kemudahan Perumahan Pegawai Dan Anggota UPP

a. Perenggan 46 Peraturan Tetap UPP Bil. 1 menyatakan bahawa pihak pengurusan seberapa yang boleh akan menyediakan kemudahan perumahan kepada pegawai dan anggota UPP di kawasan tempat bertugas. Berdasarkan keperluan ini, sebanyak 521 unit rumah pelbagai kelas telah dibina di beberapa UPP Kawasan di negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Perak.

b. Lawatan Audit di 6 UPP Kawasan pada bulan Jun dan Julai 2011 mendapati 5 daripadanya telah disediakan sebanyak 476 unit kemudahan perumahan. Sungguhpun begitu, setakat bulan Disember 2011, hanya 310 unit (65.1%) diduduki,

38 unit (8.0%) lagi digunakan untuk pelbagai aktiviti seperti untuk latihan, rumah transit atau tadika/KAFA manakala 128 (26.9%) unit tidak diduduki seperti di jadual berikut:

JADUAL 51.15
STATUS PERUMAHAN PEGAWAI DAN ANGGOTA UPP
SETAKAT BULAN DISEMBER 2011

UPP	KUARTERS (Unit)	DIDUDUKI (Unit)	%	PEJABAT/ RUMAH AKTIVITI (Unit)	TIDAK DIDUDUKI (Unit)	ROSAK (Unit)
PERLIS						
Padang Besar	82	70	85.3	4	8	8
Kuala Perlis	90	67	74.4	3	20	20
KEDAH						
Bukit Kayu Hitam	144	105	72.9	20	19	0
Kuala Kedah	**TIADA KUARTERS DIPERUNTUKKAN**					
KELANTAN						
Rantau Panjang	80	30	37.5	2	48	32
Pengkalan Kubor	80	38	47.5	9	33	24
JUMLAH	**476**	**310**	**65.1**	**38**	**128**	**84**

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati daripada 128 unit rumah yang tidak diduduki, 84 (65.6%) telah mengalami kerosakan. Kekosongan sebanyak 44 unit yang tidak diduduki antaranya disebabkan pegawai dan anggota telah memilih untuk menolak tawaran menduduki rumah yang disediakan berdasarkan beberapa faktor antaranya telah mendiami rumah sendiri, mendiami rumah yang disediakan oleh agensi induk, menyewa dan kekosongan perjawatan.

d. Kerosakan sebahagian daripada unit kuarters agak ketara bagi perumahan jenis blok 4 tingkat seperti yang terdapat di UPP Kuala Perlis dan Rantau Panjang. Pemandangan keseluruhan blok menampakkan bangunan tersebut masih dalam keadaan baik. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati Aras 3 dan 4 setiap blok mengalami kerosakan yang serius disebabkan unit tersebut terlalu lama tidak diduduki dan tiada penyenggaraan dilakukan. Bagi UPP Pengkalan Kubor, 2 deretan blok merangkumi sebanyak 24 unit rumah yang mengalami kerosakan telah dicadangkan untuk dilupuskan.

e. Keadaan beberapa unit rumah yang mengalami kerosakan adalah seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 51.4



GAMBAR 51.5



UPP Padang Besar
- Rumah Yang Didapati Mengalami Kerosakan Dan Dipenuhi Semak Samun
UPP Mencadangkan Untuk Dirobohkan
(04.07.2011)

GAMBAR 51.6



UPP Kuala Perlis
- Rumah Di Tingkat 4 Di Salah Satu Blok G Tidak Diduduki Dan Mengalami Kerosakan
(05.07.2011)

GAMBAR 51.7



UPP Kuala Perlis
- Pemandangan Dari Luar Deretan Blok G Yang Masih Utuh
(05.07.2011)

GAMBAR 51.8



GAMBAR 51.9



UPP Rantau Panjang
- Rumah Di Tingkat 4 Blok G3 Yang Didapati Mengalami Kerosakan
(27.07.2011)

GAMBAR 51.10



UPP Rantau Panjang
- Deretan Blok Rumah Didapati Masih Utuh. Tingkat 3 Dan 4 Tidak Diduduki Dan Mengalami Kerosakan
(27.07.2011)

GAMBAR 51.11



UPP Pengkalan Kubor
- Salah Satu Unit Rumah Blok E Dan F Yang Mengalami Kerosakan
(28.07.2011)



GAMBAR 51.12

UPP Pengkalan Kubor
- Deretan Rumah Blok E Dan F Didapati Tidak Diduduki Kerana Mengalami Kerosakan Teruk Dan Diluluskan Oleh JKR Untuk Dilupuskan
(28.07.2011)

Pada pendapat Audit, pengurusan terhadap perumahan pegawai dan anggota UPP perlu ditingkatkan di mana rumah yang rosak perlu segera dibaiki di samping menjalankan penyenggaraan berkala terhadap rumah lain. Ini bertujuan menjaga kepentingan Kerajaan kerana rumah yang disediakan merupakan harta Kerajaan yang bernilai tinggi. Tanpa penyenggaraan pembaikan (corrective) dan

pencegahan (preventive), rumah tersebut terutama yang rosak akan menyebabkan kerosakan yang lebih serius dan akan meningkatkan kos pembaikan. Pihak UPP juga perlu menggalakkan pegawai dan anggota yang tidak menduduki rumah yang disediakan untuk mendiami rumah yang kosong untuk mengelak daripada Kerajaan berterusan mengalami kerugian daripada peningkatan kos pembaikan dan penyenggaraan.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Pengurusan terhadap perumahan pegawai dan anggota UPP akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa dan aspek penyenggaraan, pembaikan dan pencegahan akan sentiasa diberi perhatian sewajarnya.

51.5.4.2. Kemudahan Dan Keperluan Logistik

a. Persenjataan

i. Peraturan Tetap Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) Bil. 1 menetapkan bahawa setiap anggota UPP hendaklah dilengkapi dengan senjata api bertujuan menjaga keselamatan semasa menjalankan tugas. Peraturan penggunaan dan keselamatan senjata api perlu dipatuhi oleh setiap anggota selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh Akta Polis 1967 atau peraturan lain yang berkaitan. UPP telah dibekalkan senjata api dari 2 sumber iaitu daripada Ibu Pejabat UPP dan juga PDRM.

ii. Seksyen 3 Bahagian II Lesen-lesen Dan Permit Akta Senjata 1960 (Akta 206) & Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 (Akta 37) menyatakan bahawa seseorang tiada boleh memiliki, membawa atau menggunakan senjata tanpa lesen atau permit senjata. Bagaimanapun, Seksyen 4 Bahagian yang sama membolehkan seseorang mengemukakan permohonan untuk memiliki, membawa atau mengguna senjata api dengan membuat permohonan kepada Ketua Polis Negeri di mana pemohon tinggal. Semakan Audit terhadap rekod berkaitan pemilikan lesen atau permit senjata api bagi pejabat UPP yang dilawati mendapati masih ramai di antara pegawai dan anggota UPP (selain daripada pegawai dan anggota PDRM) yang belum mempunyai lesen untuk memiliki, membawa dan mengguna senjata api terutama senjata yang dibeli/dibekalkan oleh Ibu Pejabat. Menyedari kepentingan setiap pegawai dan anggota perlu dilengkapi senjata api, komander setiap negeri telah mengemukakan permohonan memiliki lesen dan permit senjata api untuk kelulusan pihak PDRM bagi tujuan keselamatan anggota semasa bertugas.

iii. Pemeriksaan Teknikal Dan Verifikasi Stok Tidak Dijalankan

Keselamatan senjata api perlu sentiasa diberi perhatian serius secara berterusan bertujuan mengelak kejadian yang tidak diingini yang akan melibatkan keselamatan senjata api. Bagi tujuan ini senjata api dalam pegangan perlu dibuat pemeriksaan teknikal yang menyeluruh dan teliti. Verifikasi stok juga hendaklah dibuat di semua peringkat stor persenjataan dengan mematuhi Perintah Tetap Ketua Polis Negara C852. Semakan Audit di semua pejabat UPP Kawasan yang dilawati mendapati Kementerian tidak pernah melakukan pemeriksaan teknikal atau pemeriksaan verifikasi stok terhadap kesemua 239 unit senjata api yang dibeli. Pemeriksaan teknikal dan verifikasi stok terhadap senjata api hanya melibatkan senjata yang dibekalkan oleh PDRM.

Pada pendapat Audit, pengurusan persenjataan adalah penting kerana melibatkan keselamatan dan perlu dipertingkatkan lagi. Pemeriksaan teknikal dan verifikasi stok hendaklah dilaksanakan mengikut peraturan sedia ada.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Pemeriksaan senjata api secara mingguan/bulanan ada dibuat oleh Komander Kawasan/pegawai polis yang dilantik oleh Komander Negeri.

b. Kenderaan

UPP perlu dibekalkan dengan pelbagai jenis kenderaan bertujuan untuk melicinkan penugasan seperti Sekatan Jalan Raya (SJR), Rondaan dan Risikan. Daripada 222 unit yang dibekalkan kepada UPP Negeri yang dilawati, sebanyak 162 unit (73%) kenderaan telah dibekalkan oleh Ibu Pejabat UPP sejak tahun 1998 manakala baki 60 unit (27%) dibekalkan oleh PDRM. Pengagihan kenderaan mengikut Pejabat UPP Negeri adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 51.16**. Semakan Audit terhadap kenderaan yang dibekalkan mendapati perkara seperti berikut:

JADUAL 51.16
PENJENISAN DAN MODEL KENDERAAN MENGIKUT PEJABAT UPP

JENIS / MODEL	PERLIS	KEDAH	KELANTAN	JUMLAH
IBU PEJABAT				
Mitsubishi Pajero 2.6 SP	5	3	5	**13**
Toyota Hilux Double Cab 2.5 SP	3	2	3	8
Ford Everest	2	1	1	4
Toyota Fortuner 2.5g(D)M/T	3	2	3	8
Land Rover Defender TDI	5	2	1	**8**
Kia Pregio	1	1	1	3
Isuzu Trooper	3	2	6	**11**
Proton Wira 1.5gli (M) SP	2	2	6	10
Toyota Camry	1	0	0	1
Perodua Rusa 1.6l GX	3	2	2	7
Hicom Perkasa Mtb140	1	1	1	3
Mz Motorrad 125sm	5	3	5	13
Modenas Kriss An110h	23	18	26	67
Motobot	0	0	6	6
JUMLAH	**57**	**39**	**66**	**162**
PDRM				
Mitsubishi Pajero	0	1	2	**3**
Land Rover 109/110	26	12	10	**48**
Lori	0	1	1	2
Motorvan	0	0	1	1
Honda Nx 250	2	2	2	6
JUMLAH	**28**	**16**	**16**	**60**
JUMLAH KESELURUHAN	**85**	**55**	**82**	**222**

i. Kenderaan Yang Tidak Sesuai Digunakan Untuk Operasi Penguatkuasaan

Antara aktiviti utama UPP ialah untuk menjalankan Sekatan Jalan Raya, Rondaan dan Risikan. Sehubungan itu, kenderaan yang paling sesuai untuk penggunaan semasa menjalankan tugas tersebut ialah kenderaan lasak pacuan empat roda. Semakan Audit mendapati hanya 84 unit kenderaan jenis ini dibekalkan dan sebanyak 48 unit (57.1%) yang dibekalkan oleh PDRM telah rosak dan akan dilupuskan/dikembalikan kepada PDRM kerana tidak lagi ekonomi untuk dibaiki seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 51.17
KENDERAAN PACUAN 4 RODA YANG MENGALAMI KEROSAKAN

JENIS	PERLIS	KEDAH	KELANTAN	JUMLAH
Mitsubishi Pajero	0	0	2	2
Land Rover 109/110	26	10	10	46
JUMLAH KESELURUHAN				**48**



GAMBAR 51.13

UPP Bukit Kayu Hitam
- Kenderaan Milik PDRM Yang Rosak Dan Akan Dilupuskan/Dipulangkan Kepada PDRM
(01.06.2011)

ii. Kenderaan Untuk Mengangkut Barangan Rampasan Tidak Mencukupi

Lima unit lori termasuk 2 unit daripada PDRM telah digunakan bagi mengangkut barangan rampasan di UPP Negeri/Kawasan. Pejabat UPP Kedah dan Kelantan dibekalkan dengan 2 unit masing-masing, manakala hanya satu unit dibekalkan kepada pejabat UPP Perlis. Semakan Audit mendapati lori yang dibekalkan tidak mencukupi berbanding dengan bilangan kawasan di setiap negeri yang sering digunakan untuk mengangkut barangan rampasan. UPP di beberapa kawasan berkaitan terpaksa berkongsi penggunaan lori ini sekiranya diperlukan dan akan menghadapi masalah sekiranya lori tersebut mengalami kerosakan. UPP Kawasan berserta bilangan lori yang dibekalkan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 51.18
UPP KAWASAN BERSERTA LORI YANG DIBEKALKAN

UPP	KENDERAAN YANG DIBEKALKAN (Unit)
PERLIS	
Padang Besar	1
Kuala Perlis	
Chuping	
Wang Kelian	
KEDAH	
Bukit Kayu Hitam	2
Kuala Kedah	
KELANTAN	
Rantau Panjang	2
Pengkalan Kubor	
Bukit Bunga	
JUMLAH	**5**

Pada pendapat Audit, kenderaan lasak pacuan 4 roda amat sesuai dan perlu ditambah bertujuan memberi kemudahan kepada pihak UPP untuk menjalankan tugas dengan lebih cekap dan berkesan kerana penugasan UPP sebagai pasukan *strike force* sering terlibat dengan aktiviti serang hendap dan kejar-mengejar penyeludup. Selain itu, bilangan lori dan jenis yang sesuai untuk mengangkut barangan rampasan juga perlu ditambah supaya masalah mengangkut dan memunggah barangan rampasan dapat diatasi.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Kementerian telah bersetuju membekalkan sebanyak 10 unit kenderaan pacuan 4 roda bagi kegunaan operasi UPP di mana 7 buah kenderaan tersebut telah dihantar kepada UPP Kedah, Perak dan Perlis pada akhir tahun 2011.

c. Peralatan Komunikasi

Peralatan komunikasi perlu dibekalkan kepada pejabat UPP untuk memudahkan pegawai dan anggota berkomunikasi antara satu sama lain semasa bertugas. Rekod UPP menunjukkan beberapa peralatan komunikasi telah dibekalkan kepada UPP dan diringkaskan seperti **Jadual 51.19**. Semakan Audit terhadap pembekalan peralatan komunikasi mendapati perkara seperti berikut:

JADUAL 51.19
PERALATAN KOMUNIKASI UNTUK KEGUNAAN PEJABAT UPP

PERALATAN	UPP PERLIS			UPP KEDAH		UPP KELANTAN		UPP PERAK	
	UNIT	HARGA (RM)	NILAI (RM)	UNIT	NILAI (RM)	UNIT	NILAI (RM)	UNIT	NILAI (RM)
Transceiver Repeater	4	170,000	680,000	3	510,000	4	680,000	3	510,000
Antena Sistem	1	9,500	9,500	1	9,500	1	9,500	1	9,500
Antena UHF	10	11,000	110,000	Tiada Maklumat Pembahagian					
Walkie Talkie (Motorola GP 328)	27	6,500	175,500	14	91,000	20	130,000	5	32,500
Bateri *Walkie Talkie* (Motorola GP 328)	29	650	18,850	15	9,750	22	14,300	5	3,250
Radio Comm. Mobile T/Set	9	30,000	270,000	5	150,000	7	210,000	3	90,000
Kabel (100)	15	9,000	135,000	Tiada Maklumat Pembahagian					

i. *Transceiver Repeater*

Kementerian telah memperoleh sebanyak 14 unit peralatan ini bernilai RM2.38 juta pada tahun 2006. UPP Kelantan telah diberi tanggungjawab menerima peralatan ini daripada pembekal untuk diagihkan kepada Pejabat UPP Negeri seperti yang dinyatakan dalam Pesanan Tempatan Kerajaan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati UPP Kelantan tidak menyelenggara rekod berkaitan dengan penerimaan dan pengagihan peralatan ini. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan kuantiti sebenar peralatan yang telah diagihkan kepada UPP Negeri atau masih disimpan di Stor UPP Kelantan. Semakan Audit selanjutnya mendapati 4 unit peralatan tersebut telah dipasang dan digunakan di UPP Kelantan dan satu unit di UPP Perak. Lawatan fizikal Audit ke Stor UPP Kelantan mendapati 3 unit peralatan masih belum diagihkan seperti di gambar berikut:



GAMBAR 51.14

Stor UPP Kelantan
- Sebahagian Alat Transceiver Repeater Yang Dibeli Pada Tahun 2006 Belum Diagihkan Dan Terdapat Sebahagian Komponen Telah Dikeluarkan Sebagai Alat Ganti
(25.07.2011)

Lawatan fizikal Audit ke Stor UPP Kelantan juga mendapati beberapa komponen dari peralatan *transceiver repeater* yang belum diagihkan telah dikeluarkan oleh syarikat yang bertanggungjawab menyenggara peralatan untuk dijadikan alat ganti kepada unit yang rosak. Tiada sebarang rekod diselenggara berkaitan dengan pengeluaran/penggunaan komponen alat ganti tersebut.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Terdapat 9 unit disimpan di stor setelah 3 unit peralatan tersebut dikembalikan oleh syarikat pembekal pada 22 Januari 2012.

ii. Antena Dan Kabel

Ibu Pejabat UPP telah membuat perolehan antena UHF sebanyak 10 unit bernilai RM110,000 berserta kabel sebanyak 15 unit bernilai RM135,000 pada bulan Januari 2008. Pembelian antena UHF ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan komunikasi. Pemeriksaan Audit pada 25 Julai 2011 mendapati peralatan antena UHF masih belum diguna pakai seperti yang ditunjukkan di dalam **Gambar 51.15**. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan penggunaan sebanyak 12 unit kabel yang dibeli memandangkan hanya 3 unit kabel tersebut masih terdapat di stor UPP seperti ditunjukkan dalam **Gambar 51.16**.

GAMBAR 51.15



Stor UPP Kelantan
- Peralatan Antena Yang Dibeli Pada Bulan Januari 2008 Masih Disimpan Di Stor (25.07.2011)

GAMBAR 51.16



Stor UPP Kelantan
- Kabel Yang Dibeli Pada Bulan Januari 2008 Masih Disimpan Di Stor (25.07.2011)

iii. Penggunaan Peralatan *Walkie Talkie* Dan *Radio Communication Mobile T/Set*

Sebanyak 66 unit *Walkie Talkie* (Motorola GP 328) bernilai RM429,000 berserta 71 unit bateri bernilai RM46,150 telah dibeli pada bulan Ogos 2006. Sungguhpun begitu, pihak Audit mendapati penggunaan alat ini amat terhad dan tidak begitu sesuai kerana jarak penggunaannya hanya dalam lingkaran antara 1 km sahaja atau antara *point to point* sahaja. Ini adalah disebabkan masalah berkaitan kegagalan pemasangan antena dengan baik dan peralatan *transciever repeater* yang gagal berfungsi. Pihak Audit juga dimaklumkan oleh UPP bahawa pembelian peralatan komunikasi ***Radio Communication Mobile T/Set*** sebanyak 24 set bernilai RM720,000 yang dipasang dalam kenderaan juga menghadapi masalah yang sama. Semakan Audit yang dijalankan di stor UPP Padang Besar, Perlis pula mendapati beberapa unit *walkie talkie* yang tidak/jarang digunakan dan masih tersimpan di kabinet seperti di gambar berikut:



GAMBAR 51.17

UPP Padang Besar, Perlis
- Beberapa Unit Walkie Talkie
(Motorola GP 328) Yang Di Simpan
Di Dalam Kabinet
(04.07.2011)

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

UPP akan memastikan semua peralatan operasi termasuk walkie talkie di semua pejabat UPP sentiasa digunakan secara optimum dari semasa ke semasa dan rekod harta modal diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

Pada pendapat Audit, rekod harta modal perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 - Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan. Ini bertujuan untuk memastikan baki fizikal adalah sama seperti yang ditunjukkan di dalam rekod. Sebarang perbezaan perlu disiasat. Selain daripada itu, aset dan peralatan yang dibeli/bekal hendaklah mengikut keperluan dan boleh dimanfaatkan oleh pengguna. Oleh itu setiap perolehan aset dan peralatan perlu dirancang dengan teliti untuk mengelak pembaziran disebabkan oleh pembelian peralatan yang tidak dapat digunakan atau tidak digunakan secara optimum.

51.5.5. Penilaian Tahap Kepuasan Aktiviti

51.5.5.1. Penilaian Tahap Kepuasan Pegawai/Anggota UPP

Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada 114 pegawai/anggota UPP bagi menilai kepuasan mereka terhadap keperluan asas, keperluan kemudahan menjalankan tugas, hubungan/kerjasama di antara UPP dengan agensi induk serta kerjasama agensi induk berhubung pengurusan pentadbiran UPP. Analisis Audit terhadap 114 (100%) maklum balas yang diterima diringkaskan seperti di jadual berikut:

JADUAL 51.20
MAKLUM BALAS PEGAWAI/ANGGOTA UPP
TERHADAP PENAMBAHBAIKAN AKTIVITI PENGURUSAN PENGUATKUASAAN

PERIHAL		TAHAP KEPUASAN 114 RESPONDEN UNIT PENCEGAH PENYELUDUPAN (%)								
		Pejabat UPP Perlis	Padang Besar	Kuala Perlis	Pejabat UPP Kedah	Bukit Kayu Hitam	Kuala Kedah	Pejabat UPP Kelantan	Pengkalan Kubor	Rantau Panjang
Keperluan Asas	Kuarters	85.7	66.7	80.0	30.0	86.7	40.0	28.6	93.3	60.0
	Elaun UPP	85.7	66.7	46.7	80.0	53.3	53.3	42.9	73.3	13.3
	Latihan	57.1	33.3	33.3	70.0	60.0	73.3	14.3	53.3	40.0
	Pakaian Seragam	71.4	66.7	40.0	90.0	46.7	66.7	42.9	80.0	80.0
Keperluan Menjalankan Tugas	Kenderaan Jabatan	71.4	60.0	13.3	90.0	26.7	33.3	100.0	53.3	40.0
	Peralatan	57.1	53.3	40.0	100.0	33.3	60.0	71.4	66.7	46.7
	Arahan/SOP	71.4	93.3	80.0	80.0	26.7	80.0	71.4	80.0	53.3
Hubungan/ Kerjasama Agensi Induk	Penyerahan Barang Rampasan/ PATI	71.4	86.7	100.0	60.0	60.0	93.3	100.0	93.3	86.7
	Perkongsian Maklumat Operasi	71.4	53.3	13.3	40.0	20.0	80.0	71.4	66.7	66.7

PERIHAL		TAHAP KEPUASAN 114 RESPONDEN UNIT PENCEGAH PENYELUDUPAN (%)								
		Pejabat UPP Perlis	Padang Besar	Kuala Perlis	Pejabat UPP Kedah	Bukit Kayu Hitam	Kuala Kedah	Pejabat UPP Kelantan	Pengkalan Kubor	Rantau Panjang
	Bayaran Sagu Hati Kepada Pemberi Maklumat	14.3	26.7	26.7	50.0	46.7	46.7	14.3	6.7	40.0
Kerjasama Agensi Induk Terhadap Pengurusan Pentadbiran	Pemilihan Kemasukan/ Perpindahan Keluar/Masuk UPP	57.1	80.0	73.3	70.0	66.7	66.7	71.4	73.3	46.7
	Kenaikan Pangkat	57.1	80.0	53.3	60.0	60.0	66.7	71.4	60.0	46.7
	Kursus Pra UPP	42.9	26.7	6.7	30.0	46.7	60.0	71.4	66.7	46.7


a. Secara keseluruhannya, responden kurang berpuas hati dengan beberapa perkara antaranya yang berkaitan dengan kenderaan jabatan yang disediakan, perumahan, pakaian seragam (agensi induk dan UPP), bayaran sagu hati kepada pemberi maklumat, keperluan peralatan menjalankan tugas, latihan/kursus pra UPP dan perkongsian maklumat operasi (kerjasama agensi induk).

b. Sebanyak 76 daripada 114 responden yang terdiri daripada pegawai/anggota UPP telah memberikan maklum balas penambahbaikan berkaitan kekurangan perjawatan/anggota UPP; kenderaan yang kurang dan tidak sesuai dengan operasi/ aktiviti; ketidakseragaman elaun anggota UPP dan tabung bayaran sagu hati pemberi maklumat; kekurangan latihan/kursus yang berkaitan serta peralatan bantuan operasi yang tidak mencukupi. Ringkasan isu yang dibangkitkan bagi tujuan penambahbaikan adalah seperti di jadual dan carta berikut:

JADUAL 51.21
MAKLUM BALAS PEGAWAI/ANGGOTA UPP TERHADAP PENAMBAHBAIKAN AKTIVITI PENGURUSAN PENGUATKUASAAN MENCEGAH PENYELUDUPAN

PERKARA	BIL. MAKLUM BALAS MENGIKUT PERKARA	PERATUS (%)	MAKLUM BALAS PENAMBAHBAIKAN
Perjawatan	47	37.9	Menambah jumlah kakitangan awam (perkeranian)/ anggota penguat kuasa UPP
Kenderaan	25	20.2	Membekalkan kenderaan yang baru dan bersesuaian dengan operasi penguatkuasaan/aktiviti UPP (kenderaan pacuan empat roda, van, lori dan forklif)
Elaun	23	18.5	Menyediakan dana sagu hati (Secret Service Fund/Ampoma) untuk pemberi maklumat
			Menyelaraskan pemberian elaun/gaji anggota UPP
Latihan	18	14.5	Mengadakan latihan/kursus (pengurusan kewangan, menembak, risikan, pra UPP, memandu)
Peralatan/ Logistik	11	8.9	Membekalkan peralatan bantuan operasi (kamera, teropong malam, alat perhubungan, pengimbas dokumen perjalanan/PLKS)
JUMLAH	**124**	**100.0**	

CARTA 51.6
MAKLUM BALAS PENAMBAHBAIKAN DARIPADA ANGGOTA UPP NEGERI



Pada pendapat Audit, pandangan dan cadangan pegawai dan anggota UPP perlu diambil perhatian dan pertimbangan oleh Kementerian/UPP.

51.5.5.2. Penilaian Tahap Kepuasan Agensi Lain

Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada 60 pegawai/anggota agensi penguat kuasa di sempadan Malaysia - Thailand bagi menilai kerjasama dan mendapatkan maklum balas mereka terhadap UPP. Analisis terhadap 60 (100%) maklum balas yang diterima diringkaskan seperti di jadual berikut:

JADUAL 51.22
MAKLUM BALAS PEGAWAI/ANGGOTA AGENSI DI SEMPADAN TERHADAP PENAMBAHBAIKAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN

PERKARA		BIL. MAKLUM BALAS (60 Responden)	(%)
Sukar memperolehi kerjasama dengan pengurusan UPP		8	13.3
Terlalu banyak agensi penguat kuasa di sempadan		20	33.3
Bidang tugas UPP bertindih dengan agensi lain		12	20.0
UPP diperlukan sebagai barisan kedua mencegah penyeludupan di sempadan		53	88.3
UPP membantu meningkatkan keberkesanan agensi lain		52	86.7
Kawasan bertugas tidak kondusif/sesak/sempit		15	25.0
Wujud kerjasama berkongsi maklumat antara agensi dengan UPP		45	75.0
Berminat menyertai UPP		19	31.7
Penyerahan barang rampasan/PATI tidak dapat dilakukan kerana:	Pengurusan UPP tidak efisien	8	13.3
	Kekangan/masalah agensi induk	9	15.0

a. 88.3% responden berpendapat UPP masih diperlukan sebagai barisan kedua mencegah aktiviti penyeludupan di sempadan;
b. 86.7% responden berpendapat UPP membantu meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan agensi lain; dan
c. 75.0% responden berpendapat wujud kerjasama berkongsi maklumat antara agensi lain dengan UPP.

Pada pendapat Audit, secara umumnya agensi penguat kuasa di sempadan menerima dengan baik peranan, perkhidmatan dan kerjasama yang dilaksanakan oleh UPP bagi memantapkan penguatkuasaan mencegah penyeludupan di kawasan sempadan negara.

51.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti penguatkuasaan boleh ditingkatkan lagi supaya peranan UPP sebagai satu unit bertindak (strike force) bertujuan untuk membanteras kegiatan penyeludupan dan kemasukan secara haram PATI di sempadan Malaysia-Thailand tercapai. Pihak Kementerian dan pihak lain yang terlibat disarankan supaya mengambil tindakan seperti berikut:

51.6.1. Penilaian pencapaian pelan strategik tahunan perlu disediakan oleh pengurusan bagi mengukur peningkatan atau pengurangan kadar jenayah penyeludupan.

51.6.2. JPAMP peringkat Persekutuan dan Negeri perlu bermesyuarat mengikut jadual bagi memastikan penyelarasan aktiviti penguatkuasaan pencegahan penyeludupan dapat dijalankan dengan berkesan dan pemantauan berkala dilaksanakan.

51.6.3. Mematuhi dan melaksanakan segala cadangan pindaan Arahan MKN No.15 yang diluluskan bagi memantapkan pentadbiran dan pengurusan aktiviti UPP.

51.6.4. Mengkaji kemungkinan UPP diwujudkan sebagai sebuah jabatan bagi membolehkan keperluan keanggotaan dikawal sepenuhnya oleh UPP serta menjamin keutuhannya sebagai sebuah pasukan *strike force* di Malaysia.

51.6.5. Kursus Pra UPP perlu dihadiri oleh semua pegawai dan anggota UPP sebelum memasuki UPP yang merupakan satu organisasi yang bersepadu daripada gabungan pelbagai agensi.

51.6.6. Pengurusan UPP perlu segera membaiki rumah yang rosak di samping menjalankan penyenggaraan berkala terhadap rumah lain. Ini bertujuan menjaga kepentingan kerajaan kerana rumah yang disediakan merupakan harta kerajaan yang bernilai tinggi.

51.6.7. Pemeriksaan teknikal dan verifikasi stok perlu dijalankan terhadap semua senjata api milik UPP.

51.6.8. Penambahan kenderaan yang bersesuaian bagi tujuan aktiviti penguatkuasaan serta pengangkutan dan pemunggahan barangan rampasan diperlukan bagi memastikan peranan UPP dapat dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan.

51.6.9. Rekod harta modal perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memastikan baki fizikal adalah sama seperti yang ditunjukkan di dalam rekod. Selain daripada itu, aset dan peralatan yang dibeli/dibekal hendaklah mengikut keperluan dan boleh dimanfaatkan oleh pengguna bagi mengelak pembaziran disebabkan oleh pembelian peralatan yang tidak dapat digunakan atau tidak digunakan secara optimum.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 419-429
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

52. POLIS DIRAJA MALAYSIA
- PENGURUSAN TANAH YANG BELUM DIBANGUNKAN

52.1. LATAR BELAKANG

52.1.1. Tanah Kerajaan seperti yang dijelaskan oleh Kanun Tanah Negara bermakna semua tanah di dalam Negeri itu selain daripada yang telah diberi milik, tanah rizab, tanah lombong dan rizab hutan. Tanah Kerajaan Persekutuan iaitu tanah yang dipegang di bawah hak milik atau yang digunakan untuk Persekutuan. Seksyen 4, *Federal Lands Commissioner Act* 1957 memperuntukkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) menjalankan kuasa sebagai tuan punya bagi tanah Persekutuan di bawah hak miliknya. Tanah yang dirizabkan untuk kegunaan Persekutuan tidaklah terletak hak kepada PTP tetapi tanah itu adalah juga menjadi tanggungjawab PTP sebab ianya adalah harta Persekutuan.

52.1.2. Pelaksanaan fungsi dan tanggungjawab PTP adalah terletak di bawah bidang kuasa dan kawalan Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG). Seksyen Harta Tanah Persekutuan di JKPTG bertanggungjawab antaranya menguruskan rekod tanah milik/rizab Persekutuan serta memberi khidmat nasihat kepada Kementerian/Jabatan Persekutuan bagi membangunkan tanah Persekutuan agar dapat digunakan secara optimum dan mendatangkan hasil yang maksimum. Ini selaras dengan objektif untuk meningkatkan pengurusan dan penyenggaraan tanah Persekutuan agar dapat menyumbang secara maksimum kepada pembangunan negara. Selain itu, ia juga bertujuan mewujudkan pentadbiran tanah Persekutuan yang cekap dan bermutu selaras dengan hasrat pembangunan negara. Seksyen Penguatkuasaan Dan Hasil Persekutuan di JKPTG pula bertanggungjawab untuk memproses permohonan penyerahan balik/pelepasan tanah milik/rizab Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Awam untuk kegunaan awam sahaja. Di samping itu, seksyen ini memproses penyewaan jangka pendek (3 tahun dan ke bawah) serta melaksanakan penguatkuasaan ke atas pencerobohan tanah Persekutuan. Objektif seksyen ini adalah untuk memastikan harta tanah Persekutuan dan kepentingannya diurus dengan cekap dan efisien.

52.1.3. Unit Tanah, Bahagian Pembangunan, Kementerian Dalam Negeri (Kementerian) dan Jabatan serta Agensi di bawahnya bertanggungjawab untuk menguruskan pembangunan tanah di bawah hak miliknya dengan cekap dan sempurna. Ia adalah selari dengan objektif unit untuk menguruskan hal ehwal tanahnya bagi pembangunan projek dengan berkesan.

52.1.4. Statistik tanah milik/rizab bagi Kementerian dengan Jabatan/Agensi di bawahnya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 52.1
STATISTIK TANAH MILIK/RIZAB DI BAWAH KAWALAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI SETAKAT 31 DISEMBER 2011

KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI	JUMLAH LOT		JUMLAH LOT TANAH MILIK/RIZAB
	TANAH MILIK	TANAH RIZAB	
Kementerian Dalam Negeri	31	2	33
Polis DiRaja Malaysia	3,013	1,025	4,038
Jabatan Penjara Malaysia	64	52	116
Jabatan Imigresen Malaysia	345	9	354
Jabatan Pendaftaran Negara	45	1	46

KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI	JUMLAH LOT		JUMLAH LOT TANAH MILIK/RIZAB
	TANAH MILIK	TANAH RIZAB	
Unit Pencegahan Penyeludupan	8	0	8
Jabatan Pertahanan Awam	22	18	40
Ikatan Relawan Rakyat Malaysia	5	0	5
Agensi Anti Dadah Kebangsaan	47	36	83
JUMLAH	**3,580**	**1,143**	**4,723**

Sumber: ***Unit Tanah, Bahagian Pembangunan, Kementerian Dalam Negeri***

52.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan tanah milik Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang belum dibangunkan telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Selain itu, pengauditan ini juga bagi memastikan isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 bagi tajuk yang sama telah diambil tindakan pembetulan, penambahbaikan dan pencegahan.

52.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini memberi tumpuan kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan tanah yang belum dibangunkan dan tanah yang disewakan setakat 31 Disember 2011. Pemeriksaan telah dijalankan di Unit Tanah, Bahagian Pembangunan Kementerian dan Unit Pengurusan Tanah, Bahagian Bangunan, Jabatan Logistik, Ibu Pejabat PDRM, Bukit Aman. Lawatan Audit juga telah dijalankan di Kedah, Kuala Lumpur, Pahang dan Perak melibatkan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD). Selain itu, pemeriksaan Audit juga dijalankan di Seksyen Harta Tanah Persekutuan dan Seksyen Penguatkuasaan Dan Hasil, JKPTG.

52.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan terhadap rekod, dokumen dan fail berkaitan, analisis data, testimoni melalui temu bual/perbincangan dengan pegawai dan kakitangan yang berkenaan serta pemeriksaan fizikal ke atas bilangan lot tanah yang dipilih sebagai sampel.

52.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang telah dijalankan antara bulan Oktober 2011 hingga Januari 2012 mendapati pengurusan tanah yang belum dibangunkan di PDRM adalah kurang memuaskan kerana berlaku kelemahan dan ketidakpatuhan dalam pengurusan tanah berkenaan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

i. isu yang sama telah pun dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 di mana masih terdapat tanah yang terbiar telah dicerobohi untuk penempatan setinggan dan tempat bercucuk tanam;

ii. perjanjian lot tanah yang disewakan tidak diperbaharui;

iii. sewa tanah tidak dikutip; dan

iv. rekod tanah yang tidak selaras antara JKPTG dengan Kementerian dan Jabatan serta Agensi pengguna.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas pihak terlibat adalah seperti di perenggan berikut:

52.5.1. Prestasi Pengurusan Tanah

52.5.1.1. Pencapaian Perancangan Tanah Untuk Dibangunkan

Berdasarkan rekod tanah PDRM setakat 31 Disember 2011, PDRM memiliki sebanyak 2,453 lot tanah milik/rizab di seluruh negara yang mana sebanyak 405 (16.5%) daripadanya belum dibangunkan. Sepertimana yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007, setakat 31 Disember 2007 PDRM mempunyai jumlah bilangan lot tanah yang sama iaitu 2,453 lot tanah di seluruh negara dengan 437 (17.8%) daripadanya belum dibangunkan. Dengan itu, terdapat peningkatan dalam pembangunan lot tanah iaitu sebanyak 32 lot tanah yang telah dibangunkan dalam tempoh tahun 2008 hingga 2011. Selanjutnya, analisis Audit terhadap rekod tanah di 4 IPK negeri yang dilawati mendapati, daripada jumlah 690 lot tanah, sebanyak 444 (64.3%) telah dibangunkan manakala baki 246 (35.7%) belum dibangunkan. Daripada 246 lot tanah yang belum dibangunkan ini, sebanyak 203 (82.5%) adalah tanah terbiar dan 43 (17.5%) disewakan. Berdasarkan juga kepada jumlah lot yang belum dibangunkan iaitu 246 lot tanah, didapati sebanyak 194 (78.9%) daripadanya adalah lot dalam perancangan untuk dibangunkan, bakinya 52 (21.1%) tiada perancangan untuk dibangunkan. Bagaimanapun, hanya 2 (1.0%) daripada 194 lot tanah dalam perancangan untuk dibangunkan diluluskan untuk pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 52.2
STATUS PEMBANGUNAN BILANGAN
LOT TANAH MILIK/RIZAB MENGIKUT NEGERI

IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN	TELAH DIBANGUNKAN	BELUM DIBANGUNKAN		JUMLAH	DALAM PERANCANGAN UNTUK DIBANGUNKAN		TIADA PERANCANGAN UNTUK DIBANGUNKAN	JUMLAH
		TERBIAR	DISEWAKAN		TELAH DILULUSKAN DALAM RMKe-10	TIADA DALAM KELULUSAN RMKe-10		
Kuala Lumpur	44	15	11	**70**	0	25	1	**26**
Perak	153	60	17	**230**	1	59	17	**77**
Pahang	129	43	8	**180**	1	43	7	**51**
Kedah	118	85	7	**210**	0	65	27	**92**
JUMLAH	**444**	**203**	**43**	**690**	**2**	**192**	**52**	**246**

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Kerjasama antara Kementerian, PDRM dan JKPTG sentiasa diamalkan bagi memastikan program pembangunan nasional dilaksanakan dengan lancar. Lot tanah milik/rizab yang belum dibangunkan dan tiada perancangan pembangunan sedang diambil tindakan di pihak PDRM yang akan diselaraskan secara berperingkat mengikut Kontinjen Negeri. Setakat ini hanya tanah di Kuala Lumpur telah dimuktamadkan sama ada dikekalkan untuk pembangunan atau dilepaskan kepada pihak JKPTG. Kesemua lot tanah yang masih diperlukan tetapi tidak dapat dibangunkan buat masa ini adalah kerana peruntukan yang terhad. Sehubungan itu, tanah tersebut boleh disewakan bagi menjana hasil, ditukar guna melalui kaedah match making atau dipagar bagi mengelakkan pencerobohan. Kementerian juga mengambil maklum akan keperluan mewujudkan satu mekanisme untuk menguruskan tanah yang masih belum dibangunkan yang mana ia diselaraskan melalui mesyuarat penyelarasan di peringkat JKPTG dan Jawatankuasa Pemantauan Tanah Persekutuan (JPTP) Peringkat Kementerian.

Pada pendapat Audit, PDRM dengan kerjasama Kementerian perlu terus berusaha bagi memastikan pembangunan projek di atas tanahnya dapat dilaksanakan dengan segera.

52.5.1.2. Pencapaian Kewangan

a. Kementerian telah mengagihkan waran peruntukan berjumlah RM3.28 juta dan RM1.39 juta masing-masing bagi tahun 2009 dan 2010 kepada beberapa IPK Negeri. Peruntukan ini adalah untuk penyenggaraan tanah di bawah perbelanjaan pembangunan PDRM dengan menggunakan kod projek untuk pembaikan dan ubah suai merangkumi tanah dan bangunan. Oleh kerana kod ini juga merangkumi pembaikan bangunan, maka perbelanjaan yang melibatkan penyenggaraan tanah tidak dapat ditentukan dengan spesifik. Ini menyebabkan perancangan dan pengurusan terhadap penyenggaraan tanah tidak dapat diuruskan secara objektif. Daripada peruntukan yang diterima, sejumlah RM3.26 juta (99.4%) dan RM1.39 juta (99.9%) telah dibelanjakan pada tahun 2009 dan 2010 untuk tujuan tersebut. Bagaimanapun maklumat peruntukan dan perbelanjaan untuk tujuan penyenggaraan tanah bagi tahun 2011 tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit.

b. Hasil Kerajaan yang dikutip melalui JKPTG berjumlah RM1.15 juta, RM1.36 juta dan RM1.54 juta masing-masing bagi tahun 2009, 2010 dan 2011 untuk tanah PDRM yang telah dipajak/disewakan. Namun, jumlah kutipan bagi tahun 2009 dan 2010 adalah lebih rendah berbanding jumlah kos penyenggaraan tanah yang telah dibelanjakan oleh PDRM.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Maklumat kewangan yang meliputi peruntukan dan perbelanjaan urusan tanah dikawal melalui Jawatankuasa Pemantauan Tanah Persekutuan serta Mesyuarat Penyelarasan Bajet masing-masing di peringkat Kementerian. Melalui RMKe-10, butiran Bayaran Tanah telah diwujudkan dengan peruntukan sejumlah RM20 juta bagi tahun 2012 untuk menguruskan hal-ehwal tanah Kementerian dan Jabatan serta Agensi di bawahnya. Seterusnya, Kementerian, JKPTG dan PDRM mengambil maklum akan keperluan menangani isu tanah yang masih tidak dibangunkan. Bagi maksud tersebut, penyelarasan dan perbincangan di antara semua pihak sedang dijalankan secara berperingkat mengikut negeri bagi mengenal pasti tanah yang boleh disewakan/dilepaskan/ditukar guna. Terkini sebanyak 157 lot tanah Kementerian yang terbiar di seluruh negara telah diperakukan secara blanket kepada pihak JKPTG untuk sewaan selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 21 Oktober 2011 yang mengarahkan supaya tanah yang tidak dibangunkan, ditawar untuk tujuan penanaman kontan berjangka pendek. Selain itu, PDRM juga telah mengemukakan kepada Kementerian permohonan peruntukan sejumlah RM20 juta pada 4 Jun 2012 untuk kerja pemagaran bagi memastikan tanah kosong dikawal daripada pencerobohan.

Pada pendapat Audit, maklumat kewangan adalah penting dan perlu dikumpulkan bagi mengenal pasti kos yang ditanggung oleh Kementerian dan dijadikan sebagai tanda aras untuk meningkatkan pengurusan tanahnya dengan lebih cekap dan berkesan. Selain itu, Kementerian, PDRM dan JKPTG perlu terus berusaha mengenal pasti lot tanah terbiar untuk digunakan secara optimum dengan cara menyewakannya atau lain-lain mekanisme yang bermanfaat dan seterusnya dapat menghindari daripada dicerobohi. Sesuatu pencerobohan akan mengakibatkan tambahan perbelanjaan untuk penyenggaraan/pembersihan tanah pada masa akan datang.

52.5.2. Pengurusan Tanah

52.5.2.1. Tanah Belum Dibangunkan

a. Mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian, Kementerian/Jabatan/ Agensi pengguna hanya boleh memiliki dan memegang tanah yang tidak dibangunkan bagi tempoh 5 tahun. Ini adalah bagi memastikan penggunaan tanah dapat dimaksimumkan melalui kaedah pelepasan dan tukar guna antara Kementerian/Jabatan/Agensi pengguna yang lebih memerlukan tanah untuk dibangunkan. Sekiranya dalam tempoh 5 tahun, Kementerian/Jabatan/Agensi pengguna yang berkenaan masih tidak membangunkan tanah tersebut, maka ia hendaklah dengan sendirinya terserah kembali kepada PTP. Bagi Kementerian/ Jabatan/Agensi pengguna yang masih mahu memiliki tanah yang tidak dibangunkan selepas 5 tahun, maka suatu permohonan dengan justifikasi yang kukuh hendaklah dikemukakan kepada JKPTG untuk dipertimbangkan.

b. Semakan Audit terhadap tanah milik/rizab PDRM di Kedah, Kuala Lumpur, Pahang dan Perak menunjukkan daripada 246 lot tanah yang masih belum dibangunkan, sebanyak 194 (78.9%) lot tanah telah ada perancangan untuk dibangunkan. Bagaimanapun, hanya 2 (1.0%) daripada lot tanah tersebut telah diluluskan dalam RMKe-10. Sebanyak 192 (99.0%) lot tanah lagi, walaupun tidak termasuk dalam kelulusan pembangunan RMKe-10, pihak Audit dimaklumkan PDRM selaku Jabatan pengguna masih memerlukan tanah itu untuk tujuan pembangunan projeknya dalam Rancangan Malaysia akan datang. Antara sebab projek pembangunan PDRM tidak diluluskan dalam RMKe-10 walaupun telah mempunyai tanah dan tapak projek yang sesuai adalah kerana kekurangan/kekangan peruntukan daripada Kerajaan.

c. Pengauditan terhadap 99 sampel lot tanah mendapati sebanyak 96 lot telah melebihi tempoh milikan 5 tahun iaitu antara 5 tahun 5 bulan hingga 64 tahun. Manakala 2 lot tanah tidak mempunyai maklumat tarikh milikan. Semakan ke atas tanah pemilikan melebihi 5 tahun mendapati tiada sebarang justifikasi yang telah dikemukakan oleh PDRM kepada JKPTG bagi tujuan pelanjutan tempoh pemilikan. Mengikut rekod PDRM, lot tanah tersebut masih diperuntukkan untuk kegunaan PDRM. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 52.3
TEMPOH MEMILIKI LOT TANAH MILIK/RIZAB BELUM DIBANGUNKAN TETAPI DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN

IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN	BILANGAN SAMPEL LOT TANAH YANG DISEMAK	BILANGAN LOT TANAH MELEBIHI 5 TAHUN TEMPOH MILIKAN
Kuala Lumpur	26	24
Perak	25	24
Pahang	29	29
Kedah	19	19
JUMLAH	**99**	**96**

d. Selanjutnya, didapati baki 52 (21.1%) lot tanah yang masih belum dibangunkan sememangnya tidak dirancang untuk dibangunkan kerana keluasan, lokasi/ kedudukan dan keadaan fizikal/saiz lot tanah tidak sesuai. Bagaimanapun, sebanyak 23 (44.2%) daripada 52 lot tanah telah ditukar guna/tukar ganti dengan Kementerian/Jabatan/Agensi lain. Namun, semakan Audit selanjutnya ke atas salinan hak milik tanah berkenaan, masih menyatakan tanah itu adalah milik PDRM. Manakala satu lot tanah lagi masih diperuntukkan untuk kegunaan PDRM dan tidak dimaklumkan untuk dilepaskan walaupun 28 lot tanah yang lain telah dikemukakan ke pihak JKPTG untuk tujuan pelepasan, namun tiada sebarang tindakan telah diambil oleh JKPTG sehingga kini. Butirannya adalah seperti di **Jadual 52.4** dan antara lot tanah yang tiada perancangan untuk dibangunkan adalah seperti di **Gambar 52.1** hingga **52.5**.

JADUAL 52.4
MAKLUMAT BILANGAN LOT TANAH MILIK/RIZAB YANG BELUM DIBANGUNKAN DAN TIADA PERANCANGAN UNTUK DIBANGUNKAN

IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN	TELAH TUKAR GANTI / TUKAR GUNA KEPADA KEM. / JAB. / AGENSI PENGGUNA LAIN	MASIH DIPERUNTUKKAN UNTUK KEGUNAAN PDRM		JUMLAH
		PDRM MAKLUM JKPTG UNTUK PELEPASAN TETAPI TIADA TINDAKAN OLEH JKPTG	PDRM TIDAK MAKLUM JKPTG UNTUK PELEPASAN	
Kuala Lumpur	0	0	1	**1**
Perak	10	7	0	**17**
Pahang	7	0	0	**7**
Kedah	6	21	0	**27**
JUMLAH	**23**	**28**	**1**	**52**

GAMBAR 52.1



Lot 11633, Geran 50030, Jalan Pria 4, Cheras, Kuala Lumpur
- Keluasan Tanah 0.0119 Hektar Tidak Sesuai Untuk Dibangunkan Kerana Saiznya Terlalu Kecil
Telah Dipasang Papan Tanda
(30.11.2011)

GAMBAR 52.2



PT 11133, HS(D) 72341, Jalan Kampung Desa Rantau, Sentul, Kuala Lumpur
- Tanah Tidak Sesuai Untuk Dibangunkan Kerana Strukturnya Tidak Stabil Dan Merupakan Bekas Tempat Pembuangan Sampah
(02.12.2011)

GAMBAR 52.3



PT 16961, HS(D) 100378, Taman Kepong Baru, Jalan 131, Kuala Lumpur
- Tanah Seluas 0.0541 Hektar Tidak Sesuai Untuk Dibangunkan Kerana Saiznya Terlalu Kecil
(02.12.2011)

GAMBAR 52.4



Lot 342, Mukim Belanja, Batu Gajah, Kinta, Perak
- Tanah Seluas 0.2347 Hektar Tidak Dibangunkan Kerana Lokasi Yang Tidak Sesuai
(06.12.2011)



GAMBAR 52.5

PT 1016, HS(M) 1681,Mukim Luit, Maran, Pahang
- Keluasan Tanah 0.1163 Hektar. Tanah Di Kawasan Ini Tidak Memerlukan Sebarang Pembangunan Projek PDRM Kerana Lokasi Yang Tidak Sesuai
(21.12.2011)

52.5.2.2. Tanah Terbiar

Tanah yang belum dapat dibangunkan lagi hendaklah dijaga dan diuruskan dengan sebaik-baiknya supaya tidak terbiar dan dipenuhi belukar serta terdedah kepada masalah pencerobohan seperti kewujudan rumah setinggan, bercucuk tanam dan berniaga. Keadaan ini akan menyebabkan Kerajaan menghadapi masalah untuk

mengeluarkan setinggan tersebut yang akan melibatkan tambahan kos. Semakan Audit terhadap rekod tanah bagi Kedah, Kuala Lumpur, Pahang dan Perak mendapati daripada 246 lot tanah PDRM yang belum dibangunkan, sebanyak 203 (82.5%) lot adalah terbiar. Pemeriksaan fizikal yang dijalankan ke atas 82 (40.4%) lot tanah yang terbiar mendapati tiada sebarang aktiviti di atas 64 (78.0%) lot tanah di mana sebanyak 47 (73.4%) lot tanah telah dipenuhi dengan belukar. Manakala 18 (22.0%) lot tanah telah dicerobohi antaranya untuk penempatan setinggan, bercucuk tanam, berniaga dan kegunaan rumah ibadat/kuil. Selain itu, sebanyak 44 (53.7%) lot tanah telah dipagar dan 37 (45.1%) lot tanah pula telah dipasang dengan papan tanda hak milik PDRM. Kedudukan 82 lot tanah terbiar adalah seperti di **Jadual 52.5** dan **Gambar 52.6** hingga **52.16**.

JADUAL 52.5
KEDUDUKAN DAN KEADAAN BILANGAN
LOT TANAH MILIK/RIZAB TERBIAR YANG TELAH DIPERIKSA

IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN	TIADA AKTIVITI DI ATAS LOT TANAH					LOT TANAH DICEROBOH									JUMLAH
	A	B	C	D	JUMLAH	E	F	G	H	I	J	K	L	JUMLAH	
Kuala Lumpur	10	1	5	2	**11**	1	0	0	0	1	1	0	1	**3**	**14**
Perak	10	3	3	8	**13**	8	3	1	3	1	0	6	8	**12**	**25**
Pahang	11	4	5	4	**15**	1	0	0	0	0	0	1	1	**1**	**16**
Kedah	16	9	23	12	**25**	1	0	0	1	0	0	1	1	**2**	**27**
JUMLAH	**47**	**17**	**36**	**26**	**64**	**11**	**3**	**1**	**4**	**2**	**1**	**8**	**11**	**18**	**82**

Nota: ***A - Belukar***
B - Kosong/Bersih
C / K - Berpagar
D / L - Ada Papan Tanda
E - Aktiviti Bercucuk Tanam
F - Penempatan Setinggan/Kediaman
G - Aktiviti Perniagaan
H - Dewan Orang Ramai/Tempat Letak Kereta
I - Taman Permainan
J - Aktiviti Buang Sampah

GAMBAR 52.6



Lot 1115, Geran 9459, Jalan Talala/Jalan Hose, Dang Wangi, Kuala Lumpur
- Keluasan Tanah 0.0773 Hektar.
Lot Tanah Terbiar, Dipenuhi Belukar, Tiada Papan Tanda Dan Tidak Berpagar. Kosong Sejak Tahun 1985 (30.11.2011)

GAMBAR 52.7



PT 77, HS(D) 83182, Jalan Talala/Jalan Hose, Dang Wangi, Kuala Lumpur
- Keluasan Tanah 2.607 Hektar.
Lot Tanah Terbiar, Dipenuhi Belukar, Tiada Papan Tanda Dan Tidak Berpagar. Kosong Sejak Tahun 1985 (30.11.2011)

GAMBAR 52.8



PT 597 Dan 598, HS(D) 4186, Baling, Kedah
- Keluasan Tanah 3.44 Hektar.
Lot Tanah Terbiar, Dipenuhi Belukar Dan Tiada Papan Tanda Tetapi Berpagar. Kosong Sejak Tahun 1986 (10.01.2012)

GAMBAR 52.9



PT 1469/Lot 13315, Geran 10315, Sik, Kedah
- Keluasan Tanah 3.608 Hektar.
Lot Tanah Terbiar, Dipenuhi Belukar Dan Tiada Papan Tanda Tetapi Berpagar. Kosong Sejak Tahun 1957 (10.01.2012)

GAMBAR 52.10



SYIT 75C, Bahagian X 2776, Mukim Bandar Alor Star, Kota Setar, Kedah
- Keluasan Tanah 0.491 Hektar.
Lot Tanah Terbiar, Tiada Aktiviti Dijalankan Di Atas Tanah Ini Tetapi Ada Papan Tanda Dan Berpagar. Tidak Dibangunkan Sejak Tahun 2003
(11.01.2012)

GAMBAR 52.11



Lot 8466, Mukim Lenggong, Hulu Perak, Perak
- Keluasan Tanah 0.983 Hektar.
Lot Tanah Diceroboh Dengan Penanaman Pokok Limau Walaupun Ada Papan Tanda.
Kawasan Tidak Berpagar
(07.12.2011)

GAMBAR 52.12



Lot PT 19, Mukim Gunong, Kota Setar, Kedah
- Keluasan Tanah 1.188 Hektar
Lot Tanah Dicerobohi Dengan Tanaman Padi Walaupun Ada Papan Tanda Dan Berpagar.
Tidak Dibangunkan Sejak Tahun 1987
(11.01.2012)

GAMBAR 52.13




Lot 410, Nalla New Village, Mukim Sg. Terap, Kinta, Perak
- Keluasan Tanah 0.321 Hektar.
Lot Tanah Dicerobohi Dengan Didirikan Dewan Persatuan Penganut Dewa Sejak Tahun 1987. Tiada Papan Tanda Tetapi Berpagar
(06.11.2011)

GAMBAR 52.14



Lot 6679, Geran 166, Sayung, Kuala Kangsar, Perak
- Keluasan Tanah 1.00919 Hektar.
Sebahagian Lot Tanah Dicerobohi Bagi Laluan Masuk Penduduk Dan Rumah Kediaman Sejak Tahun 1980-an. Sebahagian Tanah Lagi Dipenuhi Belukar. Ada Papan Tanda Dan Hanya Sebahagian Tanah Berpagar
(08.12.2011)

GAMBAR 52.15



Lot 7506, Mukim Senggang, Kuala Kangsar, Perak
- Keluasan Tanah 0.822 Hektar.
Lot Tanah Dicerobohi Dengan Mendirikan 3 Rumah Kediaman Sejak 30 Tahun Yang Lalu. Ada Papan Tanda Tetapi Tidak Berpagar.
(08.12.2011)



GAMBAR 52.16

PT 15520, HS(D) 90627,
Jalan Besar Jinjang, Kuala Lumpur
- Keluasan Tanah 0.6056 Hektar.
Lot Tanah Dicerobohi Dengan Didirikan Tempat Membuat Patung Dan Barang Opera Sejak Tahun 1997. Ada Papan Tanda Dan Berpagar
(02.12.2011)

52.5.2.3. Tanah Yang Disewakan

a. Tanah yang ada dalam perancangan pembangunan tetapi projek tidak dapat dilaksanakan lagi maka ia boleh digunakan sementara bagi tujuan mendatangkan hasil. Antaranya adalah melalui penyewaan lot tanah supaya tanah kosong dapat digunakan secara optimum dan menghindari dari pencerobohan.

b. Berdasarkan surat perjanjian penyewaan yang ditandatangani di antara JKPTG dan penyewa, antara penetapan syarat perjanjian yang perlu dipatuhi oleh penyewa adalah seperti berikut:

   i. aktiviti/tujuan penyewaan adalah seperti yang diluluskan dalam perjanjian penyewaan;

   ii. perjanjian penyewaan diperakukan dan ditandatangani oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan penyewa;

   iii. struktur bangunan yang dibina di lot tanah yang disewa tidak berbentuk kekal;

   iv. penyewa hendaklah membayar sewaan lot tanah terus kepada JKPTG setiap bulan tidak lewat daripada 14 haribulan bulan berkaitan;


   v. penyewa tidak dibenarkan menyewa kecilkan tapak kepada pihak lain dengan apa tujuan sekali pun;

   vi. orang yang menjalankan aktiviti adalah orang yang menandatangani perjanjian penyewaan; dan

   vii. penyewa hendaklah memastikan lot tanah yang disewa sentiasa dalam keadaan bersih dan dijaga dengan baik.

c. Semakan Audit mendapati daripada 246 lot tanah yang belum dibangunkan di 4 Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) yang dilawati, sebanyak 43 (17.5%) lot tanah disewakan. Pemeriksaan Audit yang dijalankan ke atas 40 (93.0%) daripada 43 lot tanah yang disewakan mendapati perkara seperti di carta berikut:

CARTA 52.1
PEMATUHAN KEPADA SYARAT PERJANJIAN PENYEWAAN OLEH PENYEWA



Nota:
A - Aktiviti/Tujuan Mengikut Perjanjian
B - Tempoh Sewaan Masih Berkuatkuasa
C - Struktur Bangunan Yang Dibina Di Lot Tanah Sewaan Tidak Berbentuk Kekal
D - Kutipan Sewaan Adalah Teratur
E - Penyewa Asal Tidak Memecah Kecil Lot Tanah Kepada Pihak Lain
F - Penyewa Asal Tidak Sewakan Kesemua Lot Tanah Kepada Pihak Lain
G - Lot Tanah Yang Disewa Dijaga Dan Diurus Dengan Bersih

d. Kes ketidakpatuhan kepada syarat perjanjian penyewaan dijelaskan dalam perenggan berikut:

i. Semakan Audit mendapati penyewa di Lot 231 dan 244, Bidor, Batang Padang, Perak gagal mematuhi tujuan penyewaan yang diluluskan iaitu untuk pusat servis kenderaan tetapi menjalankan perniagaan restoran makanan seperti di **Gambar 52.17**. Selain itu, kedudukan sama ada penyewa telah melakukan aktiviti/tujuan sebagaimana yang telah ditetapkan dalam perjanjian bagi 14 penyewa/pengusaha lot tanah yang lain tidak dapat ditentukan kerana pihak Audit tidak dapat mengesahkannya dengan sebarang maklumat penyewaan atau sebarang surat-menyurat mengenai penyewaan tersebut.



GAMBAR 52.17

Lot 231 Dan 244, Bidor, Batang Padang, Perak
- Keluasan Tanah 0.17360 Hektar.
Lot Tanah Disewa Untuk Pusat Servis Kenderaan
Tetapi Telah Menjalankan Perniagaan
Restoran Makanan
(09.12.2011)

Maklum Balas Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Yang Diterima Pada 22 Jun 2012

Mesyuarat Jawatankuasa Pelanjutan Penyewaan dan Penguatkuasaan Harta Tanah Persekutuan pada 29 Mei 2012 telah meluluskan tambah tujuan penyewaan oleh penyewa berkuat kuasa mulai 1 Julai 2012.

ii. Sebanyak 13 (32.5%) lot tanah yang mana mengikut rekod PDRM telah disewakan. Bagaimanapun, semakan Audit di pejabat JKPTG mendapati maklumat sewaan tidak dapat disahkan dengan sebarang surat perjanjian penyewaan di antara JKPTG dan penyewa. Lawatan Audit ke lot tanah berkenaan mendapati pengusaha menjalankan aktiviti seperti tempat meletak kereta berbayar, perniagaan restoran makanan, perniagaan kedai *hardware* dan perniagaan mencuci kereta. Manakala perjanjian bagi 2 penyewa telah tamat tempoh iaitu pada 31 Disember 2009 dan 30 September 2011 serta tidak diperbaharui. Aktiviti di salah satu lot tanah berkenaan adalah perniagaan restoran makanan. Berdasarkan temu bual dengan pihak IPD Bentong, perniagaan restoran makanan tersebut telah berlanjutan selama 2 tahun oleh penyewa yang sama tanpa perjanjian penyewaan. Mengikut perkiraan Audit berdasarkan kadar sewa terdahulu, amaun sewaan yang boleh dikutip adalah berjumlah RM48,000 bagi tempoh tersebut.

Semakan Audit seterusnya di pejabat JKPTG mendapati permohonan untuk melanjutkan tempoh sewaan lot tanah tersebut kepada penyewa yang sama tidak diluluskan kerana penyewa tidak mematuhi beberapa syarat perjanjian dan telah diarah untuk mengosongkan lot pada 18 Mei 2010 oleh JKPTG. Namun sehingga ke tarikh lawatan Audit, penyewa yang sama masih menjalankan perniagaan restoran makanan dan tiada tindakan selanjutnya oleh pihak JKPTG terhadap perkara ini.

Maklum Balas Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Yang Diterima Pada 22 Jun 2012

Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) mengambil maklum akan perkara ini dan lawatan ke tapak akan diadakan sekali lagi. PTP juga telah menghantar surat kepada Pentadbir Tanah pada 21 Jun 2012 untuk menyelaras tindakan penguatkuasaan dan dijangka tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan.

iii. Penyewa diwajibkan untuk memastikan struktur bangunan yang dibina di lot tanah sewaan tidak berbentuk kekal. Semakan Audit mendapati 3 penyewa telah mendirikan bangunan berstruktur kekal di atas lot tanah yang disewakan seperti di **Gambar 52.18** hingga **52.21**. Dua daripada lot tanah ini dengan isu berkaitan telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007.

GAMBAR 52.18



Lot 32082, Geran 48174, Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur
- Keluasan Tanah 0.223 Hektar.
Lot Tanah Yang Disewa Telah Dibina Bangunan Kekal Untuk Pusat Servis Kenderaan. Telah Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 (30.11.2011)

GAMBAR 52.19



Lot 230, Bidor, Batang Padang, Perak
- Keluasan Tanah 0.7027 Hektar.
Lot Tanah Yang Disewa Telah Dibina Bangunan Kekal Untuk Menjalankan Perniagaan Restoran Makanan (09.12.2011)

GAMBAR 52.20



GAMBAR 52.21



PT 9874, HS(M) 5381, Jalan Segambut, Sentul, Kuala Lumpur
- Keluasan Tanah 0.8903 Hektar.
Lot Tanah Yang Disewa Telah Dibina Bangunan Kekal Untuk Aktiviti Perniagaan Dan Pusat Badminton. Telah Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 (02.12.2011)

Maklum Balas Daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Yang Diterima Pada 22 Jun 2012

Penggunaan istilah 'struktur kekal' yang digunakan dalam perjanjian akan diperincikan selaras dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Penambahbaikan pada perjanjian akan dilakukan oleh PTP melalui satu bengkel Kajian Semula Perjanjian Penyewaan yang akan diadakan selewat-lewatnya pada bulan Oktober 2012.

iv. Semakan Audit yang dibuat ke atas 40 penyewa bagi bayaran sewaan bulanan untuk tempoh 3 bulan iaitu bulan Oktober hingga Disember 2011 mendapati 25 penyewa lewat membuat bayaran sewaan antara 6 hingga 78 hari melibatkan 67 kes. Butirannya adalah seperti di **Jadual 52.6**. Manakala status bayaran bagi 7 penyewa tidak dapat ditentukan kerana maklumat bayaran/Akaun Subsidiari Penyewa tidak dikemukakan oleh pejabat JKPTG untuk semakan Audit. Kelewatan membuat bayaran sewaan ini boleh menyebabkan tunggakan di mana semakan selanjutnya mendapati 20 daripada 33 penyewa mempunyai tunggakan bayaran sewaan antara RM600 hingga RM364,090 bagi tempoh antara 1 hingga 36 bulan dengan tunggakan terkumpul bagi 20 penyewa tersebut berjumlah RM645,452 setakat 31 Disember 2011 seperti di **Jadual 52.7**. Adalah didapati juga pihak JKPTG ada mengeluarkan surat peringatan bagi mendapatkan balik jumlah yang tertunggak, namun tiada maklum balas dari penyewa yang masih meneruskan aktiviti mereka serta tiada tindakan selanjutnya diambil oleh JKPTG walaupun di dalam syarat perjanjian memperuntukkan deposit boleh dirampas dan perjanjian boleh ditamatkan sekiranya penyewa melanggar syarat perjanjian.

JADUAL 52.6
MAKLUMAT KELEWATAN MEMBAYAR SEWAAN BULANAN
BAGI TEMPOH BULAN OKTOBER HINGGA DISEMBER 2011

IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN	JUMLAH PENYEWA LEWAT MENJELASKAN SEWA	BILANGAN KES LEWAT BAGI TEMPOH 3 BULAN	TEMPOH LEWAT (Hari)
Kuala Lumpur	11	28	7 - 78
Perak	4	12	6 - 78
Pahang	8	22	17 - 78
Kedah	2	5	6 - 25
JUMLAH	**25**	**67**	**6 - 78**

JADUAL 52.7
TUNGGAKAN BAYARAN SEWAAN BULANAN LOT TANAH SETAKAT 31 DISEMBER 2011

IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN	JUMLAH PENYEWA YANG MEMPUNYAI TUNGGAKAN	TEMPOH TERTUNGGAK (Bulan)	JUMLAH TERTUNGGAK (RM)	CATATAN
Kuala Lumpur	7	1 - 36	5,000 - 364,090	Terdapat penyewa yang terkurang bayar bagi sewaan bulan tertentu dalam tempoh tertunggak. Bagi bayaran terlebih untuk bulan tertentu telah dikontrakan
Perak	3	2 - 23	875 - 59,800	
Pahang	10	1 - 21	600 - 39,900	
Jumlah	**20**	**1 - 36**	**600 - 364,090**	
JUMLAH TUNGGAKAN TERKUMPUL			**645,452**	

Maklum Balas Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Yang Diterima Pada 22 Jun 2012

PTP telah mengambil langkah bagi memastikan tunggakan ini dapat dikutip dan Kerajaan mendapat hasil yang patut diterima dengan penubuhan Pasukan Task Force ABT SPHP bermula 14 Januari 2012 dan membuat perampasan deposit setelah penyewaan ditamatkan. Sehingga 31 Mei 2012, ABT yang berjaya dikutip balik berjumlah RM903,071. Manakala sehingga 15 Jun 2012, rampasan deposit yang telah dibuat ialah RM245,209. Semua penyewa yang terlibat juga sedang dalam proses untuk ditamatkan dan dibuat rampasan deposit kerana telah melanggar syarat perjanjian.

v. Lot tanah yang disewa tidak boleh disewa kecilkan atau dilepaskan mana-mana bahagian kepada pihak lain. Ini bertujuan untuk memudahkan tindakan diambil terus terhadap penyewa sekiranya terdapat ketidakpatuhan pada syarat

perjanjian. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 2 (5%) daripada 40 penyewa telah menyewa kecilkan tapak sewaan kepada pihak lain. Butirannya adalah seperti di **Jadual 52.8** dan **Gambar 52.22** hingga **52.26**.

JADUAL 52.8
LOT TANAH YANG DISEWAKECILKAN OLEH PENYEWA ASAL KEPADA PENGUSAHA LAIN

IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN / NAMA PENYEWA ASAL / LOT & LOKASI TANAH	KADAR SEWAAN SEBULAN / TUJUAN ASAL PENYEWAAN	JENIS AKTIVITI OLEH PENGUSAHA LAIN	CATATAN
Kuala Lumpur : Ehsan Corner PT 38/HS(D) 87194 Jalan Balai Polis, Sg. Besi, Kuala Lumpur	RM1,600 / Perniagaan Restoran Makanan	1. La Rosha Beauty Saloon 2. 2 Kedai Jahit - Tiada Nama Kedai 3. Kedai Jahit Salmah Tailor 4. Kedai Gunting Adi 5. Kedai - Wakil Insurans Etiqa Takaful 6. Kedai Percetakan 7. Kedai Baiki Peralatan Letrik - Ufhran Letrik	Telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007
Perak : Syarikat Awan Anggun Sdn. Bhd. Lot 231 Dan 244, Bidor, Batang Padang, Perak	RM2,600 / Pusat Servis Kenderaan	1. Kedai Jualan Barangan Antik 2. 7 Gerai Makanan (Pusat Makanan Bidor) 3. Pusat Tadika 4. Pusat Servis Kereta (Azmie Worksyop)	-

GAMBAR 52.22



GAMBAR 52.23



PT 38, HS(D) 87194, Jalan Balai Polis Sg. Besi, Kuala Lumpur
- Keluasan Tanah 0.0573 Hektar.
Lot Tanah Yang Disewa Kecilkan Kepada 7 Pengusaha Lain
(30.11.2011)

GAMBAR 52.24



GAMBAR 52.25



Lot 231 Dan 244, Bidor, Batang Padang, Perak
- Keluasan Tanah 0.17360 Hektar.
Lot Tanah Yang Disewa Kecilkan Kepada 10 Pengusaha Lain
(09.12.2011)



GAMBAR 52.26

Lot 231 Dan 244, Bidor, Batang Padang, Perak
- Keluasan Tanah 0.17360 Hektar.
Lot Tanah Yang Disewa Kecilkan
Kepada 10 Pengusaha Lain
(09.12.2011)

Maklum Balas Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Yang Diterima Pada 22 Jun 2012

PTP telah menyenaraikan salah satu penyewa berkenaan dalam senarai penamatan perjanjian penyewaan kerana telah melanggar syarat perjanjian dan mempunyai tunggakan penyewaan. Tindakan perampasan deposit juga akan dilaksanakan sejurus penamatan dibuat. Manakala bagi penyewa yang satu lagi, PTP akan mengarahkan penyewa berkenaan untuk memohon kebenaran menyewa kecil tapak sewaan kepada pihak lain.

vi. Lot tanah yang disewakan oleh penyewa asal seperti di dalam perjanjian tidak boleh disewakan semula kepada pengusaha lain. Semakan Audit mendapati satu kes penyewa asal di Lot 320, Bidor, Batang Padang, Perak dengan nilai sewaan sejumlah RM440 sebulan yang dibayar kepada JKPTG telah menyewakan kepada penyewa lain tetapi dengan nilai sewaan RM1,950 sebulan (November 2009 hingga September 2010) dan kemudiannya dinaikkan kepada RM2,500 sebulan (Oktober 2010 hingga Julai 2011). Perkara ini yang melibatkan penyewaan kepada pengusaha lain telah dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007. Semakan Audit ke atas lot tanah tersebut pada 9 Disember 2011 mendapati aktiviti perniagaan restoran makanan masih dijalankan walaupun perjanjian telah tamat pada 31 Ogos 2011 dan dokumen perjanjian lanjutan/baru tidak dikemukakan untuk semakan Audit.

Maklum Balas Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Yang Diterima Pada 22 Jun 2012

PTP memaklumkan penyewa ini tidak lagi memberi sewaan kecil kepada penyewa lain. Manakala kelulusan pelanjutan penyewaan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penyewaan dan Penguatkuasaan Harta Tanah Bil. 1/2011 bagi tempoh 1 September 2011 hingga 31 Ogos 2014.

vii. Lot tanah yang disewa hendaklah sentiasa berkeadaan bersih supaya tidak mencemarkan pandangan serta mendatangkan bahaya kepada penduduk sekitar atau peniaga yang berdekatan. Hasil pemeriksaan Audit ke lot tanah yang disewakan mendapati sebanyak 4 (10%) daripada 40 lot tanah tidak dijaga dan diurus dengan baik sehingga kawasan dipenuhi belukar dan kotor seperti ditunjukkan dalam **Gambar 52.27** hingga **52.31**. Sebanyak 3 daripada lot tanah ini dengan isu yang sama telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007.

GAMBAR 52.27



GAMBAR 52.28



Sebahagian Lot 1781, Seksyen 1, Ketari, Bentong, Pahang
- Keluasan Tanah 0.3641 Hektar.
Perniagaan Restoran Makanan Dijalankan Dalam Persekitaran Yang Kotor, Dipenuhi Sampah Dan Semak-samun (02.12.2011)



GAMBAR 52.29

Sebahagian Lot 1781, Seksyen 1, Ketari, Bentong, Pahang
- Keluasan Tanah 0.3641 Hektar.
Perniagaan Restoran Makanan Dijalankan Dalam Persekitaran Yang Kotor, Dipenuhi Sampah Dan Semak-samun
(02.12.2011)

GAMBAR 52.30



GAMBAR 52.31



PT 38, HS(D) 87194, Jalan Balai Polis Sg. Besi, Kuala Lumpur
- Keluasan Tanah 0.0573 Hektar.
Aktiviti Dijalankan Dalam Persekitaran Yang Kotor, Dipenuhi Sampah Dan Semak-samun Di Lot Tanah Yang Disewa Kecilkan
(30.11.2011)

Maklum Balas Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Yang Diterima Pada 22 Jun 2012

PTP akan mengadakan kerjasama bersama PBT untuk memantau kebersihan lot tanah yang disewa sebagai langkah penambahbaikan.

Pada pendapat Audit, status penggunaan tanah perlu terus dipantau secara berkesan dan berterusan oleh pihak JKPTG serta mengoptimumkan penggunaan tanah seperti mana diperuntukkan dalam Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian dan Pekeliling Perbendaharaan berhubung pengurusan tanah Persekutuan. Selain itu, penguatkuasaan perlu terus dipertingkatkan dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka yang melanggar syarat perjanjian penyewaan dan melakukan pencerobohan. Dengan memperkemaskan semula struktur organisasi masing-masing di Kementerian, JKPTG dan PDRM melalui *redeployment*, memohon pertambahan jawatan mengikut keperluan sebenar bebanan tugas atau mewujudkan jawatan kader untuk Unit Tanah di Kementerian/Jabatan/Agensi pengguna dapat meningkatkan pengurusan tanah Persekutuan dengan lebih cekap dan berkesan.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Tanah kosong yang mempunyai perancangan pembangunan masa hadapan perlu dikekalkan kerana kedudukan lokasi dan keluasan yang strategik, kesukaran untuk mendapatkan tanah lain yang bersesuaian dan kos pengambilan balik tanah yang tinggi. Sementara peruntukan belum diluluskan, tanah tersebut dikawal dengan pemasangan pagar atau papan tanda. Selain itu, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan menyelaras aktiviti penguatkuasaan tanah yang dicerobohi. Perbincangan di antara JKPTG dan Kementerian masih diteruskan untuk menangani isu tanah terutama tanah milikan yang masih kosong dan melebihi 5 tahun di mana penukargantian tanah (match making) hanya boleh dilakukan apabila lokasi dan keadaan tanah menepati keperluan dan peruntukan

agensi penerima. Seterusnya penguatkuasaan akan dipertingkatkan bagi menangani semua kes ketidakpatuhan sehingga ke proses terakhir iaitu melibatkan tindakan undang-undang. Manakala bagi meningkatkan keberkesanan urusan tanah dan penyelenggaraan rekod, 2 orang pegawai kader JKPTG (kontrak) telah ditempatkan di Unit Tanah Kementerian mulai 1 Jun 2012 hingga 30 November 2012.

52.5.3. Penyelenggaraan Rekod Tanah

52.5.3.1. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Bil. 11 Tahun 1970 antaranya menetapkan, rekod tanah Persekutuan hendaklah diselenggara dengan sempurna supaya keterangan yang lengkap dapat diperolehi mengenai syarat/sekatan tanah, hasil tanah yang berbayar dan status kegunaan semasa tanah. Semakan Audit mendapati berlaku perbezaan dalam bilangan lot tanah antara rekod Kementerian, PDRM dan JKPTG bagi 4 negeri yang dilawati. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 52.9
PERBEZAAN REKOD BILANGAN LOT TANAH ANTARA KEMENTERIAN, PDRM DAN JKPTG

IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN	TANAH MILIK			TANAH RIZAB		
	KEMENTERIAN	PDRM	JKPTG	KEMENTERIAN	PDRM	JKPTG
Kuala Lumpur	108	57	93	24	13	5
Perak	106	80	97	229	150	206
Pahang	99	79	92	137	101	85
Kedah	543	119	613	101	91	88
JUMLAH	**856**	**335**	**895**	**491**	**355**	**384**

52.5.3.2. Antara punca perbezaan rekod bilangan lot tanah yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

a. rekod tanah tidak dikemas kini;
b. tiada keseragaman dalam merekod, mengelas dan menyimpan rekod tanah. Sebagai contoh di peringkat PDRM merekod satu kawasan perumahan sebagai satu lot manakala di peringkat Kementerian dan JKPTG merekod satu pintu rumah dalam satu kawasan perumahan sebagai satu lot;
c. tiada satu sistem rekod yang standard diguna pakai oleh pihak PDRM, Kementerian dan JKPTG; dan
d. perubahan maklumat tanah tidak dikemaskinikan secara bersama oleh pihak PDRM, Kementerian dan JKPTG. Terdapat perubahan/pertukaran status tanah yang tidak dimaklumkan antara satu sama lain.

52.5.3.3. Selain itu, semakan Audit selanjutnya mendapati rekod tanah di JKPTG tidak mempunyai maklumat status semasa mengenai penggunaan tanah. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 dan sehingga kini belum diselesaikan. Tanpa maklumat tersebut, pihak JKPTG tidak dapat memantau dan mengawal dengan berkesan lot tanah terutama terhadap status penggunaan tanah yang masih tidak dibangunkan. Ini menyebabkan walaupun jumlah bilangan tanah Persekutuan yang tidak dibangunkan masih banyak tetapi masih terdapat permohonan dari lain-lain Kementerian/Agensi untuk memperoleh tanah yang juga menyebabkan Kerajaan Persekutuan terpaksa menanggung perbelanjaan untuk bayaran cukai tahunan/premium bagi perolehan tanah baru tersebut.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Bagi mengatasi masalah ini antara tindakan yang telah diambil adalah dengan mengadakan beberapa siri perbincangan dan rekod tanah di peringkat JKPTG/Kementerian/PDRM telah diselaraskan, memasukkan syarat guna tanah ke dalam rekod tanah di semua peringkat, membangunkan Sistem eTaPP di peringkat JKPTG yang dirancang siap pada 31 Disember 2012 dan memperluaskan penggunaan sistem tersebut ke peringkat Kementerian bagi tujuan pengambilan dan pemantauan tanah serta penggunaan Sistem Maklumat e-Tanah di peringkat Kementerian yang memaparkan rekod tanah, hak milik dan rizab Persekutuan. Selain itu, Kementerian sedang membangunkan Sistem Perancangan Pembangunan Kementerian Berasaskan Geographical Information System (GIS) yang akan diintegrasikan dengan maklumat tanah sedia ada dengan data geospatial daripada jabatan/agensi luar.

Maklum Balas Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Yang Diterima Pada 22 Jun 2012

Manakala PTP memaklumkan Kementerian perlu melakukan pelarasan rekod mengikut rekod tanah yang ada di JKPTG. Tempoh 3 bulan diberi kepada Kementerian untuk menyelaraskan rekod tanah dengan JKPTG.

Pada pendapat Audit, rekod tanah antara JKPTG dengan Kementerian/Jabatan/Agensi pengguna perlulah dikemas kini dan diselaraskan secara bersama dari semasa ke semasa untuk tujuan pemantauan dan susulan supaya pemadanan (match making) tanah Persekutuan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Selain itu, Sistem eTaPP yang sedang dibangunkan hendaklah memiliki elemen *interoperability* yang interaktif supaya semua pengguna dapat menggunakannya secara bersama dan dapat memperoleh maklumat terkini yang diperlukan bagi memperkemaskan perancangan pengurusan tanah Kerajaan.

52.5.4. Pemantauan

52.5.4.1. Jawatankuasa Pemantauan Tanah Persekutuan di peringkat Kementerian telah ditubuhkan pada bulan Julai 2004 bertujuan bagi mengawal selia dan memantau tanah Kementerian daripada terbiar dan menghindari ancaman pencerobohan. Ia juga bertujuan untuk mengenal pasti tanah yang diperlukan untuk pembangunan projeknya atau perlu dibuat pelepasan kepada JKPTG untuk dibuat pemadanan (match making) bagi memenuhi keperluan tanah oleh Kementerian/Jabatan/Agensi pengguna yang lain. Ini antara lain untuk memastikan tanah Persekutuan dapat digunakan secara optimum dan mendatangkan hasil yang maksimum. Mesyuarat jawatankuasa ini yang perlu diadakan 4 kali setahun hendaklah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian (Pengurusan) dan keahliannya terdiri daripada wakil jabatan dan agensi di bawah Kementerian. Semakan Audit mendapati mesyuarat hanya diadakan sekali dalam setahun iaitu bagi tahun 2009 dan 2010 serta dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha, Bahagian Pembangunan Kementerian dan bukannya oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian. Bagi tahun 2011 pula, pihak Kementerian tidak dapat mengemukakan fail/maklumat mesyuarat untuk semakan Audit.

52.5.4.2. Selain itu, JKPTG juga menubuhkan Jawatankuasa Induk Pemantauan Tanah Persekutuan untuk tujuan kawalan dan pemantauan tanah Persekutuan dengan ketetapan mesyuarat sebanyak 2 kali setahun. Mesyuarat dipengerusikan oleh

Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dengan ahli mesyuarat terdiri daripada semua Kementerian/Jabatan/Agensi pengguna tanah Persekutuan, semua PTG negeri, wakil daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Unit Penyelarasan Pelaksanaan, JPM dan Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM serta Peguam Kanan Persekutuan. Semakan Audit terhadap fail mesyuarat berkenaan mendapati ketetapan mengadakan mesyuarat telah dipatuhi di mana mesyuarat telah diadakan sebanyak 2 kali setiap tahun mulai tahun 2009 hingga 2011 masing-masing pada 26 Mac 2009, 5 November 2009, 8 Jun 2010, 14 Oktober 2010, 24 Mei 2011 dan 25 November 2011 dan dihadiri oleh wakil dari Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan serta Agensi di bawahnya. Antara perkara yang dibincang, dicadang dan diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa ini adalah berkaitan dasar yang patut diikuti oleh Kementerian, Jabatan dan Agensi pengguna tanah Persekutuan serta hal berkaitan penyenggaraan, penggunaan dan perolehan tanah Persekutuan.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 18 Jun 2012

Kementerian mengambil maklum akan keperluan mengadakan mesyuarat JPTP Peringkat Kementerian mengikut peraturan. Mesyuarat JPTP Peringkat Kementerian Bil. 1/2012 telah diadakan pada 12 Jun 2012 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian (Pengurusan) dan dihadiri oleh wakil daripada JKPTG serta Jabatan/Agensi di bawah Kementerian. Selanjutnya, Kementerian, Jabatan dan Agensi dengan kerjasama JKPTG sentiasa mengadakan perbincangan serta mesyuarat penyelarasan berhubung isu tanah yang lebih spesifik yang diadakan dari semasa ke semasa. Kementerian juga dengan kerjasama semua pihak khususnya JKPTG sentiasa bersama ke arah penambahbaikan mekanisme pemantauan tanah dan memastikan jawatankuasa dapat berfungsi sebagai penggerak kepada agenda pembangunan nasional.

Pada pendapat Audit, Jawatankuasa Pemantauan Tanah Persekutuan Peringkat Kementerian perlu mengadakan mesyuarat mengikut ketetapan 4 kali setahun bagi membolehkan sebarang permasalahan berkaitan tanah Persekutuan dibincangkan dengan lebih kerap supaya satu keputusan dan tindakan selanjutnya boleh diambil dengan kadar segera. Keberkesanan pengurusan tanah Persekutuan terletak kepada ketelusan mesyuarat jawatankuasa membincangkan setiap isu tanah serta memastikan tindakan segera diambil bagi mengatasi segala masalah yang wujud.

52.6. SYOR AUDIT

Bagi memperkemaskan lagi pengurusan tanah PDRM yang belum dibangunkan supaya dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta untuk mencapai objektifnya, adalah disyorkan semua pihak terlibat seperti Kementerian, PDRM serta JKPTG memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap perkara seperti berikut:

52.6.1. Bagi tanah yang belum dibangunkan tetapi dalam perancangan untuk dibangunkan terutama yang berpotensi untuk mendatangkan hasil, Kementerian boleh mempertimbangkan untuk tujuan sewaan sementara bagi menampung kos bayaran penyenggaraan dan cukai/premium tanah di samping mengelakkan ianya daripada dicerobohi. Selain itu, bagi tanah yang masih belum disewakan dan berpotensi untuk dicerobohi, peruntukan kewangan yang mencukupi perlu disediakan untuk menyenggara tanah sedemikian. Pemantauan yang berterusan perlu dilakukan dan laporan dibuat kepada JKPTG bagi kes pencerobohan yang berlaku supaya tindakan susulan sewajarnya dapat dibuat dengan segera.

52.6.2. Maklumat kewangan mengenai kos penyenggaraan tanah perlu disatukan (consolidate) di peringkat Kementerian, Jabatan dan Agensi pengguna.

52.6.3. Tanah yang tidak sesuai untuk sebarang projek pembangunan bagi Kementerian dan PDRM hendaklah dilepaskan kepada JKPTG untuk diagihkan kepada pengguna lain yang lebih memerlukan.

52.6.4. Meningkatkan penguatkuasaan di peringkat JKPTG dan Pentadbir Tanah dengan sokongan dan bantuan oleh Kementerian, Jabatan dan Agensi pengguna yang lebih mengetahui tentang status/kedudukan tanah untuk kegunaan mereka terutama berhubung isu pelanggaran syarat perjanjian penyewaan dan isu pencerobohan tanah Persekutuan.

52.6.5. Memastikan perjanjian penyewaan ditandatangani bagi semua tanah yang disewakan selain memastikan maklumat bayaran/Akaun Subsidiari Penyewa diselenggarakan dengan teratur demi menjaga kepentingan Kerajaan. JKPTG juga perlu mengambil tindakan segera dengan menamatkan perjanjian serta merampas deposit/wang cagaran sekiranya penyewa melanggar syarat perjanjian penyewaan tanah Kerajaan terutama berhubung kes bayaran sewaan bulanan yang tertunggak dan kes menyewa kecilkan lot/tapak tanah sewaan.

52.6.6. Rekod tanah Persekutuan perlu diselaraskan di antara JKPTG, Kementerian dan Jabatan agar pemantauan dan kawalan serta penguatkuasaan terhadap tanah Persekutuan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Langkah ini adalah sebagai persiapan awal Kerajaan ke arah pelaksanaan *accrual accounting* pada tahun 2015.

52.6.7. Memperkemaskan semula struktur organisasi masing-masing melalui *redeployment*, pertambahan jawatan baru dan mewujudkan jawatan kader di Kementerian/Jabatan/Agensi pengguna bagi memastikan pengurusan tanah yang lebih berkesan dapat dicapai.

52.6.8. Meningkatkan keberkesanan pengurusan tanah Persekutuan dengan membincangkan isu tanah dalam mesyuarat jawatankuasa baik di peringkat Kementerian atau JKPTG dan diambil tindakan segera.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 430-437 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

53. POLIS DIRAJA MALAYSIA
- PEMBINAAN PANGKALAN POLIS MARIN LAHAD DATU, SABAH

53.1. LATAR BELAKANG

53.1.1. Pangkalan Polis Marin Lahad Datu, Sabah merupakan pangkalan yang paling strategik dalam menguatkuasakan undang-undang maritim serta mengawasi dan menjaga keselamatan perairan negara daripada ancaman dan serangan pihak luar terutamanya di kawasan 'Ops Pasir' pantai timur Sabah. Pangkalan Polis Marin Lahad Datu yang sedia ada merupakan sebuah pangkalan hadapan yang tidak mempunyai kemudahan asas, amat daif, tidak selamat dan mencerminkan imej yang kurang baik kepada orang awam. Ia ditempatkan sementara di jeti awam Bandar Lahad Datu manakala pejabat pentadbirannya pula menumpang di Ibu Pejabat Polis Daerah Lahad Datu yang jauhnya lebih kurang satu kilometer dari jeti awam berkenaan sejak ia beroperasi pada tahun 1970-an lagi. Sehubungan itu, Pangkalan Polis Marin Lahad Datu yang baru telah dirancang dan dilaksanakan bagi menggantikan pangkalan sedia ada yang tidak lagi sesuai dari segi keselamatan dan operasi polis marin.

53.1.2. Projek Pembinaan Pangkalan Polis Marin Lahad Datu, Sabah telah mendapat kelulusan Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri (Kementerian) bagi kegunaan Pasukan Polis Marin, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam RMKe-8. Projek ini telah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan untuk dilaksanakan secara rundingan terus pada 12 Ogos 2002 di mana Syarikat Jahsia Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai Kontraktor. Projek pembinaan ini adalah di bawah penyeliaan Kementerian dan Ketua Setiausaha Kementerian merupakan Pegawai Penguasa Projek. Kementerian telah melantik 4 perunding bagi 4 bidang iaitu Arkitek; Kejuruteraan Awam/Kejuruteraan Struktur; Kejuruteraan Elektrik/Kejuruteraan Mekanikal dan Ukur Bahan pada 24 Mei 2002. Perjanjian antara Kerajaan dan 4 perunding berkenaan telah ditandatangani antara 25 September 2003 hingga 3 November 2003. Bayaran yang telah dijelaskan kepada perunding masing-masing berjumlah RM2.72 juta; RM1.82 juta; RM1.33 juta dan RM1.15 juta setakat 8 Februari 2012.

53.1.3. Projek ini terletak di atas Lot 81112964, tapak hak milik Ketua Pengarah Tanah dan Galian (KPTG) melibatkan kawasan seluas 20 ekar. Setelah kerja penyukatan tanah dilaksanakan, didapati sebahagian besar tapak berkenaan adalah di dalam laut. Tapak berkenaan perlu ditebus guna terlebih dahulu melibatkan keluasan 12 ekar. Oleh itu, Kementerian atas nasihat perunding telah memutuskan supaya kerja projek dibahagikan kepada 2 fasa iaitu kerja penambakan tanah (Fasa I) dan kerja pembinaan bangunan (Fasa II). Nilai kontrak bagi Fasa I berjumlah RM21.96 juta manakala bagi Fasa II berjumlah RM68.80 juta. Projek telah disiapkan pada 31 Januari 2011 dan diduduki mulai bulan April 2011. Tarikh serahan projek adalah pada 16 Mac 2011. **Gambar Rajah 53.1** menunjukkan kedudukan pelan projek ini.

GAMBAR RAJAH 53.1
PELAN PROJEK PEMBINAAN PANGKALAN POLIS MARIN
LAHAD DATU, SABAH

Petunjuk:	
NO.	**BANGUNAN**
1.	Bangunan Pentadbiran
2.	Dewan Serba Guna, Bilik Transit & Ruang Rekreasi
3.	Bangunan Bengkel Kecil
4.	Surau
5.	Tadika & Rumah PERKEP
6.	Banglo Kelas 'D'
7.	Rumah Berkembar Kelas 'E'
8.	Apartmen Kelas 'F'
9.	Astaka
10.	Pondok Pengawal
11.	Jeti
12.	Padang
13.	Lapangan Perhimpunan
14.	*Boat Ramp*



53.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Pembinaan Pangkalan Polis Marin Lahad Datu, Sabah telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif pembinaan yang ditetapkan.

53.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini memberi tumpuan kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Projek Pembinaan Pangkalan Polis Marin Lahad Datu, Sabah Fasa I dan Fasa II. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Pembangunan, Kementerian Dalam Negeri, pejabat perunding di Kota Kinabalu, Sabah dan Pejabat Pasukan Polis Marin Lahad Datu, Sabah.

53.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan rekod, dokumen dan fail berkaitan; testimoni melalui temu bual/perbincangan dengan pegawai dan pihak yang berkenaan; pemeriksaan fizikal di tapak projek; dan edaran borang soal selidik kepada pengguna bangunan bagi mendapatkan maklum balas berhubung tahap kepuasan mereka terhadap kemudahan yang disediakan.

53.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang telah dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan projek Pembinaan Pangkalan Polis Marin Lahad Datu, Sabah adalah memuaskan di mana ia telah dapat disiapkan dan berjaya mencapai objektif

pembinaannya. Namun begitu, terdapat kelemahan di peringkat perancangan, pelaksanaan dan pemantauan seperti berikut:

i. projek ini telah mengambil masa selama 2 tahun 5 bulan untuk dimulakan daripada tempoh projek diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 12 Ogos 2002 sehingga ke tarikh sebenar pemilikan tapak projek Fasa I iaitu pada 17 Januari 2005;
ii. projek lewat disiapkan dari tarikh asal projek sepatutnya siap di mana 2 lanjutan masa selama 299 hari telah diluluskan (Fasa I) dan 3 lanjutan masa selama 528 hari telah diluluskan (Fasa II);
iii. terdapat reka bentuk/spesifikasi yang tidak sesuai serta terdapat kerja pembinaan yang tidak memuaskan/tidak siap; dan
iv. Kementerian tidak merancang dan menyediakan kontrak perkhidmatan pembersihan bagi kawasan pembinaan setelah projek diserahkan kepada pengguna.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas pihak terlibat adalah seperti di perenggan berikut:

53.5.1. Prestasi Pembinaan

53.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek Pembinaan

a. Projek Lewat Dimulakan

i. Kementerian Kewangan telah meluluskan perolehan projek ini secara rundingan terus pada 12 Ogos 2002. Bagi Fasa I, harga yang dipersetujui hasil daripada rundingan yang diadakan telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan pada 25 Januari 2003 untuk dimuktamadkan, namun kelulusan hanya diberikan pada 16 Julai 2004. Pada 27 Julai 2004, Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada Kontraktor dengan tarikh pemilikan tapak ditetapkan pada 14 Ogos 2004. Selanjutnya, semakan Audit mendapati Kementerian telah mengeluarkan Notis Kelewatan Pemilikan Tapak Bina pada 24 September 2004 yang menyatakan tarikh pemilikan tapak yang baru adalah pada 15 November 2004. Ini bermakna tempoh kontrak selama 46 minggu akan bermula dari 15 November 2004 hingga 2 Oktober 2005. Kelewatan pemilikan tapak bina ini adalah disebabkan kelulusan daripada Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) dan Jabatan Perancangan yang masih belum diperolehi. Semakan Audit selanjutnya terhadap 'Dokumen Penyerahan/Pengambilalihan Projek Siap Bagi Fasa I' yang disediakan oleh Kementerian menunjukkan bahawa tarikh milik tapak sebenar adalah pada 17 Januari 2005. Ini berikutan kelulusan terhadap Laporan Penilaian Kesan-kesan Alam Sekitar (EIA Report) oleh JPAS hanya diperolehi pada 17 Januari 2005. Keadaan ini telah menghalang pemilikan tapak lebih awal oleh Kontraktor.

ii. Berdasarkan kepada kronologi pelaksanaan projek menunjukkan bahawa projek ini telah mengambil masa selama 2 tahun 5 bulan untuk dimulakan dari tempoh projek diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk dilaksanakan secara rundingan terus pada 12 Ogos 2002 sehingga ke tarikh sebenar pemilikan tapak projek Fasa I iaitu pada 17 Januari 2005.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Mengikut maklum balas Kementerian, tempoh masa yang diambil adalah berpatutan berdasarkan faktor mendapatkan kelulusan daripada agensi berkaitan serta pematuhan kepada syarat yang ditetapkan.

b. Projek Lewat Disiapkan Dari Tarikh Asal Projek Sepatutnya Siap

i. Fasa I

Mengikut syarat kontrak, tempoh penyiapan projek adalah selama 46 minggu iaitu bermula daripada 14 Ogos 2004 hingga 1 Julai 2005. Bagaimanapun sehingga tarikh akhir projek ini sepatutnya siap, kemajuan kerja hanya mencapai tahap 40%. Semakan Audit mendapati kontraktor telah diluluskan 2 lanjutan masa selama 299 hari iaitu sehingga 26 April 2006 untuk menyiapkan projek ini. Pihak Audit mendapati projek telah dapat disiapkan dalam tempoh lanjutan masa yang diluluskan dengan kelewatan sebenar sebanyak 299 hari dari tarikh asal projek sepatutnya siap. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 53.1
LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

LANJUTAN MASA	TEMPOH	JUMLAH (Hari)	SEBAB LANJUTAN MASA
1	01.07.2005 hingga 19.12.2005	171	• Kelewatan memiliki tapak. Diperuntukkan di klausa 43(g) dalam kontrak.
2	19.12.2005 hingga 26.04.2006	128	• Arahan untuk mengubahsuai reka bentuk dan penambahan tembok penahan konkrit. Diperuntukkan di klausa 43(e) dalam kontrak. • Masalah bekalan pasir sungai yang di luar kawalan kontraktor. Diperuntukkan di klausa 43(j) dalam kontrak.
JUMLAH		**299**	

ii. Fasa II

Mengikut syarat kontrak, tempoh penyiapan projek Fasa II adalah selama 24 bulan iaitu bermula daripada 19 Julai 2007 hingga 20 Julai 2009. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sehingga tarikh akhir projek ini sepatutnya siap, kemajuan kerja hanya setakat 72.1%. Kontraktor hanya dapat menyiapkan projek ini pada 31 Januari 2011 iaitu setelah 3 lanjutan masa selama 528 hari diluluskan serta tempoh 32 hari lewat dari tarikh lanjutan masa kali ketiga yang berakhir pada 30 Disember 2010. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 53.2
LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

LANJUTAN MASA	TEMPOH	JUMLAH (Hari)	SEBAB LANJUTAN MASA
1	20.07.2009 hingga 14.02.2010	210	• Kelewatan dalam permulaan kerja pelambakan laut/kerja cerucuk/*marine piling works*. Diperuntukkan di klausa 43(e) dalam kontrak. • Ketidaktentuan pasaran disebabkan kenaikan harga bahan api. Diperuntukkan di Fasal 31(i) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2008. • Keadaan bawah tanah yang tidak disangka-sangka. Diperuntukkan di klausa 43(a) dalam kontrak. • Kekurangan bekalan simen dan konkrit *ready-mixed*. Diperuntukkan di klausa 43(j) dalam kontrak.
2	14.02.2010 hingga 16.08.2010	182	• Kelewatan menerima butiran/perkara terperinci mengenai peralatan dan pemasangan alat komunikasi daripada pihak PDRM. • Kelewatan kerja pemasangan bekalan air oleh Jabatan Air Sabah. Diperuntukkan di klausa 43(e) dalam kontrak.

LANJUTAN MASA	TEMPOH	JUMLAH (Hari)	SEBAB LANJUTAN MASA
3	16.08.2010 hingga 30.12.2010	136	• Kelewatan disebabkan oleh *additional structural reinforcement due to seismic requirement* untuk *grand stand*; bangunan *flat*; bengkel dan dewan serbaguna di mana tambahan dibuat ke atas kuantiti dan pembesaran saiz besi tetulang bagi struktur *column* dan *beam*. • Kelewatan dalam menerima lukisan terperinci bagi *stage curtain support at multipurpose hall due to seismic requirement* - reka bentuk dan lukisan pindaan mengambil kira pembinaan rangka tambahan pentas. Diperuntukkan di klausa 43(e) dalam kontrak. • Kelewatan disebabkan oleh keadaan cuaca luar biasa. Diperuntukkan di klausa 43(b) dalam kontrak.
JUMLAH		**528**	

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Lanjutan masa yang diluluskan untuk Fasa I dan II adalah teratur berdasarkan peruntukan syarat kontrak.

53.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

a. Fasa I

Kos asal Fasa I adalah berjumlah RM21.96 juta dan diselaraskan kepada RM22.15 juta disebabkan pelarasan item dalam wang peruntukan sementara dan pelarasan turun naik harga bahan binaan. Bagaimanapun, peningkatan kos akibat daripada pelarasan tersebut adalah minimum iaitu hanya RM190,186 (0.9%) daripada kos asal projek. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 53.3
PENINGKATAN KOS PROJEK PEMBINAAN
PANGKALAN POLIS MARIN, LAHAD DATU SABAH - FASA I

KOS ASAL PROJEK (RM Juta)	PELARASAN HARGA KONTRAK (PHK)		KOS BARU PROJEK (RM Juta)
	BUTIRAN	KOS TAMBAH/(KURANG) (RM)	
21.96	PHK No. 1 *Remeasurement of Site Clearance and Earthworks; and remeasurement of Piling Works*	(166,372)	22.15
	PHK No. 2 *Remeasurement of Slope Protection; and remeasurement of Culve*	51,583	
	PHK No. 3 *Variation of prices for Automotive Gas Oil (Diesoline); and variation of prices for Steel Reinforcement*	304,975	
JUMLAH		**190,186**	

b. Fasa II

Bagi Fasa II, jumlah sebenar kos projek setelah dibuat pelarasan harga kontrak adalah RM73.30 juta iaitu peningkatan sejumlah RM4.50 juta (6.5%) daripada kos asal yang berjumlah RM68.80 juta. Pelarasan harga kontrak bagi Fasa II ini adalah disebabkan pelarasan item dalam wang peruntukan sementara, Arahan Perubahan Kerja dan pelarasan turun naik harga bahan binaan seperti butiran di jadual berikut:

JADUAL 53.4
PENINGKATAN KOS PROJEK PEMBINAAN
PANGKALAN POLIS MARIN, LAHAD DATU SABAH - FASA II

KOS ASAL PROJEK (RM Juta)	PELARASAN HARGA KONTRAK (PHK)		KOS BARU PROJEK (RM Juta)
	BUTIRAN	KOS TAMBAH/(KURANG) (RM)	
68.8	PHK No. 1 Penyelarasan item dalam Wang Peruntukan Sementara (Pontoon, Navigation/Beacon Light, Boat Hoist, Forklift & Jib Crane)	(167,826)	73.30
	PHK No. 2 *Omission to External Water Supply* (Offsite)	(261,748)	
	PHK No. 3 Penyelarasan item dalam Wang Peruntukan Sementara (Jabatan Air Departmental Charges)	262,900	
	PHK No. 4 Tambahan kuantiti untuk kerja-kerja *M&E* di *Grandstand, Jetty* dan *Fuel Pump House* disebabkan oleh ketinggalan dalam *BQ*	24,274	
	PHK No. 5 Tambahan kuantiti untuk kerja-kerja *M&E* di *Jetty, Multipurpose Hall* dan *Workshop* disebabkan oleh ketinggalan dalam *BQ*	3,879	
	PHK No. 6 Kerja-kerja pengukuhan struktur pada *Grandstand*	21,595	
	PHK No. 7 Kerja-kerja pengukuhan struktur pada bangunan *flat* Kelas 'F'	614,950	
	PHK No. 8 Kerja-kerja pengukuhan struktur pada *Workshop*	29,782	
	PHK No. 9 Kerja-kerja pengukuhan struktur pada *Multipurpose Hall*	21,511	
	PHK No. 10 Kerja-kerja tambahan *M&E* untuk memenuhi kehendak Bomba	57,290	
	PHK No. 11 *Aviation warning light for elevated Water Tank*	14,980	
	PHK No. 12 *Incoming distribution Power Supply to the individual residential flat units*	301,623	
	PHK No. 13 *Omission for factory visit allowed in PHK No. 1*	(84,000)	
	PHK No. 14 *Revision of structural work at Ramp & Boatlift Platform*	(10,058)	
	PHK No. 15 *Remeasurement of Piling Works* (Land)	(69,672)	
	PHK No. 16 *Remeasurement of Piling Works* (Marine)	(71,640)	
	PHK No. 17 *Omission of SESB Contribution*	(500,000)	
	PHK No. 18 Penyelarasan item Wang Peruntukan Sementara (Fuel/Oil Interceptor)	(25,990)	
	PHK No. 19 Penyelarasan item Wang Peruntukan Sementara (Signages)	(38,388)	
	PHK No. 20 Penyelarasan item Wang Peruntukan Sementara (Communication Requirements)	(451,898)	
	PHK No. 21 Penyelarasan turun naik harga bahan binaan	4,832,906	
JUMLAH		**4,504,470**	**73.30**

Pada pendapat Audit, pelarasan harga kontrak adalah minimum iaitu 0.9% bagi Fasa I dan 6.5% bagi Fasa II serta dibenarkan dalam kontrak kerja terutamanya yang disebabkan oleh pelarasan item dalam wang peruntukan sementara. Namun, pelarasan harga kontrak yang disebabkan oleh pelarasan turun naik harga bahan binaan terutama bagi projek Fasa II boleh dielakkan sekiranya tidak berlaku kelewatan dalam perancangan dan pelaksanaan projek.

53.5.1.3. Pencapaian *Outcome*

Projek Pembinaan Pangkalan Polis Marin Lahad Datu, Sabah telah mendapat kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk dilaksanakan oleh Kementerian bagi kegunaan Pasukan Polis Marin, PDRM dalam RMKe-8 lagi. Peruntukan telah disediakan sejak tahun 2003 memandangkan projek ini diberi keutamaan oleh Kementerian untuk dilaksanakan pada tahun 2003. Pada masa yang sama, Kementerian juga telah memohon peruntukan pada tahun 2004 dan 2005 bagi maksud pelaksanaan projek ini dan secara dasarnya telah dipersetujui oleh Kementerian Kewangan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pelaksanaan projek hanya dimulakan pada tahun 2005 walaupun kelulusan Kementerian Kewangan telah diperolehi pada tahun 2002. Setelah mengambil kira lanjutan masa yang diluluskan, projek ini telah diserahkan kepada Kementerian pada 16 Mac 2011 dan memulakan operasinya pada bulan April 2011. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Polis Marin Lahad Datu, Sabah, sebanyak 17 kes rompakan telah dilaporkan berlaku di Lahad Datu antara tempoh tahun 2005 hingga 2007 dan tahun 2009 membabitkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) daripada Filipina. **Pada pendapat Audit, perancangan dan pelaksanaan projek ini mempunyai kesan yang signifikan terhadap usaha mengawasi keselamatan perairan negara daripada serangan pihak luar di mana dengan menyegerakan pelaksanaannya, masalah seperti rompakan dan pencerobohan akan dapat dikawal.**

Pada pendapat Audit, walaupun projek ini telah siap dan digunakan, namun kelewatan memulakan pelaksanaannya dan kelewatan kontraktor menyiapkannya dari tempoh asal yang ditetapkan telah menyebabkan objektif pembinaan Pangkalan Polis Marin Lahad Datu iaitu untuk mengawasi dan menjaga keselamatan perairan pantai timur Sabah tidak dapat dicapai dengan lebih awal. Selain itu, kelewatan menyiapkan projek dari tempoh asal yang ditetapkan juga memberi kesan kepada peningkatan kos pembinaan di mana pihak Kontraktor telah membuat tuntutan tambahan terhadap perubahan/turun naik harga bahan binaan mengikut harga semasa yang berjumlah RM5.13 juta.

53.5.2. Kualiti Pembinaan

53.5.2.1. Reka Bentuk/Spesifikasi Yang Tidak Sesuai/Tidak Praktikal/Tidak Memenuhi Keperluan Pengguna

Setiap reka bentuk atau spesifikasi yang ditetapkan mestilah sesuai, praktikal dan memenuhi keperluan pengguna. Lawatan Audit pada 27 hingga 29 Julai 2011 untuk meninjau prestasi kerja Kontraktor mendapati beberapa kerja pembinaan yang dibuat, sungguhpun mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kontrak, namun ia didapati tidak sesuai, tidak praktikal dan tidak memenuhi keperluan pengguna. Mengikut maklum balas daripada pihak perunding, keadaan ini berlaku kerana perunding semasa menyediakan reka bentuk bangunan tidak mengambil kira keperluan ini. Namun seterusnya, susulan lawatan Audit pada 18 Januari 2012 serta maklum balas daripada Kementerian dan perunding pada 30 Januari dan 22 Mei 2012 menunjukkan beberapa kerja pembinaan yang tidak sesuai/tidak praktikal telah dan sedang diganti. Maklumat mengenainya adalah seperti di jadual berikut:


JADUAL 53.5
REKA BENTUK/SPESIFIKASI PEMBINAAN TIDAK SESUAI/TIDAK PRAKTIKAL/ TIDAK MEMENUHI KEPERLUAN PENGGUNA

LOKASI PEMBINAAN	KEADAAN FIZIKAL PEMBINAAN	SUSULAN LAWATAN AUDIT PADA 18.01.2012 SERTA MAKLUM BALAS KEMENTERIAN DAN PERUNDING PADA 30.01.2012 DAN 22.05.2012
Flat Blok A, B dan C - 8 Tingkat	Lif dibina antara 2 tingkat aras rumah. Pengguna terpaksa menggunakan tangga untuk menuju ke rumah masing-masing. Keadaan lif tersebut tidak mesra pengguna terutama kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) (**Gambar 53.1** dan **53.2**)	Semasa peringkat reka bentuk yang asal, lif dibina di antara dua tingkat aras rumah bagi membolehkan ruang lobi di hadapan lif digunakan untuk tujuan sebarang aktiviti oleh penghuni supaya tidak mengganggu penghuni lain yang tinggal di aras tersebut. Reka bentuk lif tersebut turut mengikut lukisan reka bentuk projek PDRM yang telah siap dibina sebelum ini. Isu OKU tidak dibangkitkan semasa peringkat pembinaan projek dengan mengambil kira statistik semasa dan terkini anggota Pasukan Gerakan Marin Lahad Datu yang tidak mempunyai sebarang anggota mahupun ahli keluarga yang menggunakan kerusi roda. Selanjutnya memandangkan bangunan kuarters telah siap dibina, perunding mencadangkan pemasangan *Chair Lift* pada kuarters untuk kegunaan OKU, sekiranya perlu seperti di **Gambar 53.3**.
Di Kawasan Jeti	Penggunaan *angle bar mild steel* untuk *railing* pintu pagar beroda tidak sesuai untuk kawasan pembinaan di tepi laut kerana ia mudah berkarat (**Gambar 53.4** dan **53.5**)	Buat sementara waktu, pihak Kontraktor telah menukar *angle bar* tersebut dari jenis *mild steel* kepada *galvanished iron* pada 26 Januari 2012 (**Gambar 53.6**) disebabkan bekalan *stainless steel angle bar* masih belum ada di pasaran. Maklum balas bertarikh 22 Mei 2012 melaporkan pihak Kontraktor telah menukar *angle bar* tersebut kepada *stainless steel* pada 8 Mac 2012.

GAMBAR 53.1



GAMBAR 53.2



Flat Blok A, B Dan C - 8 Tingkat
- Lif Dibina Antara Dua Tingkat Aras Rumah
(27.07.2011)



GAMBAR 53.3

- Pihak Perunding Mencadangkan Pemasangan Chair Lift Pada Kuarters Untuk Kegunaan OKU

(Maklum Balas Perunding Pada 30.01.2012)

GAMBAR 53.4



GAMBAR 53.5



Di Kawasan Jeti
- Penggunaan Angle Bar Mild Steel Untuk Railing Pintu Pagar Beroda Di Kawasan Pembinaan Tepi Laut Tidak Sesuai Kerana Ia Mudah Berkarat
(27.07.2011)



GAMBAR 53.6

Di Kawasan Jeti
- Penggunaan Angle Bar Mild Steel
Telah Ditukar Kepada Galvanished Iron
Pada 26.01.2012

(Maklum Balas Perunding Pada 30.01.2012)

Pada pendapat Audit, spesifikasi/skop kerja yang disediakan oleh perunding hendaklah mengambil kira pandangan pihak Kementerian/PDRM/pengguna bagi memastikan keselesaan mereka. Ia juga bagi mengelakkan Kerajaan terpaksa menanggung kos penyenggaraan yang tinggi akibat daripada penyediaan spesifikasi/skop kerja yang tidak sesuai/tidak praktikal. Dalam masa yang sama, Kementerian/PDRM juga perlu memastikan spesifikasi/skop kerja dipatuhi sepenuhnya oleh Kontraktor supaya objektif pembinaan dapat dicapai. Selain itu, tindakan perlu diambil terhadap perunding yang gagal mengambil kira keperluan tertentu semasa menyediakan reka bentuk bangunan yang menyebabkan ketidakselesaan dan kesusahan berpanjangan kepada pengguna. Antaranya dengan menyenaraihitamkan perunding berkenaan dalam mana-mana projek pembinaan Kerajaan di masa hadapan.

53.5.2.2. Kualiti Kerja Pembinaan Tidak Memuaskan

a. Kerja pembinaan perlu dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang boleh diterima. Apabila projek diserahkan, pihak Kontraktor dan perunding perlu memastikan bangunan tersebut menepati spesifikasi dan kualiti kerja pembinaan. Semakan Audit mendapati Sijil Perakuan Siap Kerja (Certificate of Practical Completion) yang menyatakan bahawa kerja telah siap dengan sempurnanya telah dikeluarkan pada 31 Januari 2011. Bagaimanapun, berdasarkan laporan kecacatan dan kerosakan (defects) yang disediakan oleh pihak perunding antara 7 Mac hingga 15 April 2011 iaitu beberapa hari sebelum dan selepas tarikh penyerahan projek pada 16 Mac 2011, pihak Audit mendapati 1,460 masalah kecacatan dan kerosakan di 9 lokasi pembinaan telah dilaporkan oleh perunding kepada Kontraktor untuk dibaiki. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 53.6
KECACATAN DAN KEROSAKAN YANG DILAPORKAN
ANTARA 7 MAC HINGGA 15 APRIL 2011

LOKASI PEMBINAAN	BILANGAN KECACATAN DAN KEROSAKAN DILAPORKAN
Blok Pentadbiran	215
Dewan Serbaguna (Dalam Bangunan)	48
Dewan Serbaguna (Luar Bangunan)	18
Surau	28
Tadika/PERKEP	19
Bilik Transit	92
Flat A	227
Flat B	335
Flat C	478
JUMLAH	**1,460**

b. Pada 27 hingga 29 Julai 2011, pihak Audit telah mengadakan lawatan ke tapak projek untuk meninjau prestasi kerja Kontraktor. Pihak Audit mendapati kecacatan dan kerosakan yang telah dilaporkan oleh perunding antara 7 Mac hingga 15 April 2011 masih belum diambil tindakan oleh Kontraktor, selain beberapa kerja yang

dilaksanakan tidak berkualiti dan perlu dibaiki segera. Seterusnya, berdasarkan lawatan susulan Audit pada 18 Januari 2012 dan maklum balas Kementerian/perunding pada 30 Januari dan 22 Mei 2012, adalah didapati kebanyakan kerja yang dilaporkan sebagai tidak memuaskan telah pun diperbaiki serta kecacatan dan kerosakan sedang diambil tindakan oleh pihak Kontraktor. Butiran mengenainya adalah seperti contoh di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 53.7
CONTOH KERJA PEMBINAAN YANG TIDAK SEMPURNA/TIDAK BERKUALITI

LOKASI PEMBINAAN	KERJA-KERJA PEMBINAAN TIDAK SEMPURNA/TIDAK BERKUALITI	LAWATAN SUSULAN AUDIT PADA 18.01.2012 SERTA MAKLUM BALAS KEMENTERIAN/PERUNDING PADA 30.01.2012 DAN 22.05.2012
Di Persekitaran Kawasan Projek Pembinaan Yang Dipasang Dengan Sistem Pembumian	(i) Didapati penyambungan antara *copper tape* dengan elektrod bumi hanya diikat menggunakan pengalir kabel dan kebanyakannya menggunakan *clamp*. Tamatan pembumian tidak dilabelkan. (**Gambar 53.7** dan **53.8**) - Penyambungan pada elektrod bumi perlu menggunakan kaedah *exothermic welding* bagi mengelakkan kekaratan. Sistem pembumian yang menggunakan *clamp* tidak kukuh. Pengaratan mudah berlaku jika menggunakan skru yang tidak berkualiti dan ikatan mudah tertanggal. Setiap tamatan pembumian perlu dilabelkan dengan *"Safety Electrical Connection-Do Not Remove" or "Lighting Protection Earth-Do Not Remove"* - Rujuk kepada Spesifikasi JKR L-SI, Seksyen 13.0 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, Peraturan 35	Penyambungan *cooper tape* dengan elektrod bumi telah dikimpal. (**Gambar 53.9**)
	(ii) Kotak Pembumian yang tertimbus dan sukar untuk dibuka. Keadaan ini akan menyukarkan kerja senggaraan dan proses pengujian dijalankan. (**Gambar 53.10**)	Pihak Kontraktor telah membuat kerja pembaikan pada 26 Januari 2012. (**Gambar 53.11**)
Blok Pentadbiran - Bilik MSB (Main Switch Board Room)	(i) Peparit laluan kabel telah ditutup, namun pasir bersih masih tidak diisikan di dalam laluan kabel. (**Gambar 53.12** dan **53.13**) - Pasir bersih perlu diisikan dalam peparit laluan dan sesalur masukan kabel sehingga paras menutupi kabel bagi mengelakkan haiwan perosak memasuki bilik suis melalui sesalur. - Rujuk kepada Spesifikasi JKR L-SI, Seksyen 15.0.	Peparit laluan kabel telah diisi dengan pasir bersih. (**Gambar 53.14**)
	(ii) Keperluan lukisan skematik tidak disertakan bagi memudahkan kerja senggaraan. (**Gambar 53.15**) - Lukisan skematik perlu disertakan bagi memudahkan kerja senggaraan.	Lukisan skematik telah disertakan oleh pihak Kontraktor bagi memudahkan kerja senggaraan. (**Gambar 53.16**)
	(iii) Penggantung sesalur asap tidak lengkap dengan *steel spring* atau *vibratigon system.* (**Gambar 53.17**) - *Steel spring* atau *vibratigon system* perlu untuk menyerap gegaran sistem *exhaust pipe* semasa genset beroperasi. Contoh penggunaan *steel spring* atau *vibratigon system* adalah seperti di **Gambar 53.18**. - Rujuk kepada Spesifikasi JKR L-SI, Seksyen 8.0.	Pihak Kontraktor telah membuat pesanan daripada pembekal di Semenanjung memandangkan *steel spring* atau *vibratigon system* tidak terdapat di Sabah. Walau bagaimanapun, pihak Kontraktor akan memasang *steel spring* atau *vibratigon system* tersebut selewat-lewatnya pada 11 Februari 2012. maklum balas pada 22 Mei 2012 menyatakan steel spring atau vibratigon system telah dipasang pada 16 Mac 2012.
	(iv) *Indicating light* untuk bilik suis utama tidak menyala. (**Gambar 53.19**)	Telah dibetulkan dan menyala
Blok Pentadbiran - Bilik Utiliti	Papan suis diletakkan di dalam bilik utiliti. (**Gambar 53.20** dan **53.21)** - Tanda nama bilik perlu ditukar bagi mengelakkan kekeliruan kepada pengguna dan penyalahgunaan bilik suis.	Pihak Kontraktor telah melaksanakan kerja pemasangan papan suis seperti mana dalam lukisan kontrak.
Blok Pentadbiran - Setor Am	Tiada penandaan arah anak panah disediakan pada laluan paip air. (**Gambar 53.22**)	Penandaan arah anak panah pada laluan paip air telah disediakan. (**Gambar 53.23**)
Jeti	Paip air tidak disambung. (**Gambar 53.24** dan **53.25**)	Lawatan susulan Jabatan Audit Negara dan Bahagian Pembangunan Kementerian ke tapak mendapati pemasangan paip air di jeti telah dibuat oleh Kontraktor. (**Gambar 53.26** dan **53.27**)

LOKASI PEMBINAAN	KERJA-KERJA PEMBINAAN TIDAK SEMPURNA/TIDAK BERKUALITI	LAWATAN SUSULAN AUDIT PADA 18.01.2012 SERTA MAKLUM BALAS KEMENTERIAN/PERUNDING PADA 30.01.2012 DAN 22.05.2012
Boat Ramp	*Temporary Sheet Pile* tidak dibuang. (**Gambar 53.28** dan **53.29**)	Perunding *Civil & Structure* berpendapat kedudukan *Sheet Pile* tersebut tidak menghalang laluan kapal masuk ke *Boat Ramp* kerana kedudukan *Sheet Pile* yang berada di bawah dan di sebelah dalam struktur jeti. Bagaimanapun, sepertimana teguran Audit, pihak Kontraktor akan menyelesaikan isu ini sebelum 11 Februari 2012 untuk melantik penyelam bagi memotong *Sheet Pile* tersebut. Maklum balas pada 22 Mei 2012 menyatakan semua *sheet pile* telah dibuang.
Fire Hose Reel Chamber di Tingkat Bawah Dan Tingkat 1, Blok Pentadbiran	*Door surface done is very rough and with poor quality.* (**Gambar 53.30** dan **53.31**)	Kontraktor telah menggantikan dengan pintu baru. (**Gambar 53.32**)
Rumah Penghuni di *Flat* Blok A	*Leaking At The Bottom Side Of The Wash Basin Concrete Slab.* (**Gambar 53.33 dan 53.34**)	Perangkap botol pada singki telah diganti dan dipasang dengan betul.
Tingkat 1, Blok Pentadbiran	*Eave ceiling at the valley gutter area has shown sign of water leaking.* (**Gambar 53.35**)	Kebocoran telah dibaiki dengan memasang klip untuk mengelakkan bumbung di hujung *valley* daripada bocor semula.
All round turfing area	*The soil grass turfing areas should gradually slope down instead of 45 degree slope to level.* (**Gambar 53.36**)	Semasa lawatan susulan Audit, tindakan pembaikan masih belum diambil. Tiada Maklum Balas daripada Kementerian/ Perunding.
	Rumput ditanam di atas tanah yang bercampur batu di padang bola; padang permainan kanak-kanak; serta kawasan antara jeti dan boat ramp. (**Gambar 53.37** hingga **53.39**)	Batu-batu telah dibersihkan.

GAMBAR 53.7



GAMBAR 53.8



Di Persekitaran Kawasan Projek Pembinaan Yang Dipasang Dengan Sistem Pembumian - Penyambungan Antara Cooper Tape Dengan Elektrod Bumi Diikat Menggunakan Penggalir Kabel/Clamp Dan Tamatan Pembumian Tidak Dilabelkan (27.07.2011)

GAMBAR 53.9



Di Persekitaran Kawasan Projek Pembinaan Yang Dipasang Dengan Sistem Pembumian - Penyambungan Copper Tape Dengan Elektrod Bumi Telah Dikimpal (18.01.2012)

GAMBAR 53.10



Di Persekitaran Kawasan Projek Pembinaan Yang Dipasang Dengan Sistem Pembumian - Kotak Pembumian Yang Tertimbus (28.07.2011)



GAMBAR 53.11

Di Persekitaran Kawasan Projek Pembinaan Yang Dipasang Dengan Sistem Pembumian - Kotak Pembumian Yang Tertimbus Telah Diperbaiki Pada 26.1.2012

(Maklum Balas Perunding Pada 30.01.2012)

GAMBAR 53.12



GAMBAR 53.13



Blok Pentadbiran - Bilik MSB (Main Switch Board Room) - Peparit Laluan Kabel Telah Ditutup Namun Pasir Bersih Tidak Diisi Di Dalam Laluan Kabel (27.07.2011)



GAMBAR 53.14

Blok Pentadbiran - Bilik MSB (Main Switch Board Room) - Peparit Laluan Kabel Telah Diisi Dengan Pasir Bersih (18.01.2012)

GAMBAR 53.15



Blok Pentadbiran - Bilik MSB (Main Switch Board Room) - Keperluan Lukisan Skematik Tidak Disertakan Di Bilik Suis Bagi Memudahkan Kerja Senggaraan (27.07.2011)

GAMBAR 53.16



Blok Pentadbiran - Bilik MSB (Main Switch Board Room) - Lukisan Skematik Telah Disertakan (18.01.2012)

GAMBAR 53.17



Blok Pentadbiran - Bilik MSB (Main Switch Board Room) - Penggantungan Sesalur Asap Tidak Lengkap Dengan Steel Spring Atau Vibratigon System (27.07.2011)

GAMBAR 53.18



- Contoh Penggunaan Steel Spring Atau Vibratigon System



GAMBAR 53.19

Blok Pentadbiran - Bilik MSB
(Main Switch Board Room)
- Indicating Light Untuk
Bilik Suis Utama Tidak Menyala
(27.07.2011)

GAMBAR 53.20



GAMBAR 53.21




Blok Pentadbiran - Bilik Utiliti
- Papan Suis Diletak Di Dalam Bilik Utiliti
(28.07.2011)

GAMBAR 53.22



Blok Pentadbiran - Setor Am
- Tiada Penandaan Arah Anak Panah
Disediakan Pada Laluan Paip Air
(28.07.2011)

GAMBAR 53.23



Blok Pentadbiran - Setor Am
- Penandaan Anak Panah Telah
Dilaksanakan Oleh Kontraktor
(18.01.2012)

GAMBAR 53.24



GAMBAR 53.25



Jeti
- Paip Air Yang Masih Tidak Disambung Di Jeti
(27.07.2011)

GAMBAR 53.26



GAMBAR 53.27



Jeti
- Penyambungan Paip Air Telah Dibuat Selepas Menerima Teguran Audit
(18.01.2012)

GAMBAR 53.28



GAMBAR 53.29




Boat Ramp
- Temporary Sheet Pile Tidak Dibuang Di Kawasan Boat Ramp
(29.07.2011)

GAMBAR 53.30



GAMBAR 53.31



Fire Hose Reel Chamber Di Tingkat Bawah Dan Tingkat 1, Blok Pentadbiran
- Door Surface Done Is Very Rough And With Poor Quality
(28.07.2011)



GAMBAR 53.32

Fire Hose Reel Chamber Di Tingkat Bawah Dan Tingkat 1, Blok Pentadbiran
- Kontraktor Telah Menggantikan Dengan Pintu Baru
(18.01.2012)

GAMBAR 53.33



GAMBAR 53.34



Rumah Penghuni Di Flat Blok A
- Leaking At The Bottom Side Of The Wash Basin Concrete Slab
(27.07.2011)

GAMBAR 53.35



Tingkat 1, Blok Pentadbiran
- Eave Ceiling At The Valley Gutter Area Has Shown Sign Of Water Leaking
(29.07.2011)

GAMBAR 53.36



All Round Turfing Area
- The Soil Grass Turfing Areas Should Gradually Slope Down Instead Of 45^{o} Slope To Level
(27.07.2011)

GAMBAR 53.37



All Round Turfing Area - Padang Bola
- Rumput Ditanam Di Atas Tanah Yang Bercampur Batu
(28.07.2011)

GAMBAR 53.38



All Round Turfing Area,
Padang Permainan Kanak-Kanak
- Rumput Ditanam Di Atas Tanah Yang Bercampur Batu
(27.07.2011)



GAMBAR 53.39

All Round Turfing Area - Kawasan Antara Jeti Dan Boat Ramp
- Rumput Ditanam Di Atas Tanah Yang Bercampur Batu
(27.07.2011)

c. Antara sebab kualiti kerja pembinaan tidak memuaskan ialah ketidakpatuhan Kontraktor terhadap kaedah kawalan kualiti yang disediakan oleh perunding berhubung penyediaan *Inspection Request Form. Inspection Request Form*

merupakan borang yang perlu digunakan oleh Kontraktor setiap kali suatu peringkat/proses kerja pembinaan diselesaikan. Kontraktor kemudiannya hendaklah mendapatkan pengesahan daripada perunding bahawa kerja tersebut telah dilakukan dengan sempurna sebelum meneruskan dengan peringkat/proses kerja pembinaan yang lain. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Tapak dan Teknikal Projek mendapati ketidakpatuhan Kontraktor terhadap kawalan kualiti pembinaan ini merupakan antara masalah yang kerap ditimbulkan oleh perunding. Pihak Kontraktor juga tidak dapat mengemukakan laporan/maklumat yang lengkap dan teratur mengenai *Inspection Request Form* tersebut untuk semakan Audit.

d. Selain itu, Minit Mesyuarat Tapak dan Teknikal Projek yang disemak menunjukkan masalah kekurangan pekerja tapak di kedua-dua pihak iaitu perunding dan Kontraktor juga merupakan faktor yang menyebabkan kualiti kerja pembinaan tidak memuaskan.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Kementerian mengambil maklum bahawa terdapat sebahagian kecil kerja pembinaan yang tidak kemas pada peringkat akhir penyiapan projek. Bagaimanapun, memandangkan projek tersebut telah hampir siap, tindakan tegas telah diambil kerana dikhuatiri akan lebih menimbulkan kesukaran untuk melantik pihak ketiga dan menambah kelewatan projek. Semua kecacatan yang dilaporkan telah direkodkan dan diambil tindakan oleh kontraktor. Laporan kecacatan yang dikeluarkan oleh perunding dijangka ditutup sepenuhnya pada akhir bulan Mei 2012. Perakuan Siap membaiki kecacatan kerja akan dikeluarkan oleh Kementerian sekiranya semua kerja pembaikan telah disiapkan dengan memuaskan.

53.5.2.3. Kerja Pembinaan Tidak Siap

Analisis Audit terhadap Laporan/Senarai Kerosakan Dan Kecacatan yang disediakan oleh pihak perunding dan disahkan oleh Kontraktor menunjukkan terdapat kerosakan dan kecacatan yang dilaporkan merupakan kerja pembinaan yang belum disiapkan sepenuhnya sehingga tarikh penyerahan projek pada 16 Mac 2011. Kerja pembinaan yang belum disiapkan sepenuhnya itu telah dimasukkan ke dalam Laporan/Senarai Kerosakan Dan Kecacatan. Bagaimanapun, adalah didapati pembayaran kepada Kontraktor dibuat selari dengan prestasi pelaksanaan projek. Antara contoh kerja yang belum disiapkan sepenuhnya sehingga tarikh penyerahan projek adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 53.8
CONTOH KERJA PEMBINAAN YANG BELUM DISIAPKAN SEPENUHNYA SEHINGGA TARIKH PENYERAHAN PROJEK DAN DIMASUKKAN KE DALAM LAPORAN/SENARAI KEROSAKAN DAN KECACATAN

LOKASI PEMBINAAN	KERJA-KERJA PEMBINAAN YANG BELUM DISIAPKAN SEHINGGA TARIKH PENYERAHAN PROJEK
Flat C – Water & Electrical Duct Chamber	*Brickwalls done are without plastering and painting to the upper part of the water duct chamber and electrical duct.*
Flat C – Kitchen	*The bottom side of the concrete counter top at the Kitchen cooker is not been plastered & painted - from 1st to 8th Floor.*
Flat C – Living	*Touch up R.C. beam plastering work is not painted at the living*
Flat C – Lift Room	*Plastered wall is partially not painted and uncompleted plaster work around the alum, fixed louvres door also the window at the passageway and the exhaust fan at the lift room.*
Flat B – 3rd Floor Lift Lobby	*H.W. door leaf is not fully painted at the 3rd floor electrical duct*
Flat B – Flower Box	*The internal of the concrete lower box is not plastered at Front - 8th floor, Rear - 2nd, 3rd, 4th, 5th, 6th & 7th floor.*

LOKASI PEMBINAAN	KERJA-KERJA PEMBINAAN YANG BELUM DISIAPKAN SEHINGGA TARIKH PENYERAHAN PROJEK
Flat B – Kitchen & Master Bedroom	*H.W. solid door leaf is partially unpainted at the Kitchen & Master Bedroom*
Flat B – Kitchen, Laundry, Master Bedroom, Bedroom 1 & 2	*H.W. solid door panel is partially not painted.*
Transit Room 1	*Plastered wall around the switch point is not fully painted.*
Bathroom – Transit Room 1 & 2	*The wall tiles around the shower stop cock are not fully sealed with cement.*
Bathroom – Transit Room 5 & 12	*Uncompleted painting work is seen on the H.W. solid door leaf.*
Bathroom – Transit Room 15	*Uncompleted painting work on H.W. door frame of the PVC door.*
Surau – *Male & Female Toilet*	*The bottom side of the raised concrete above the WC-need plastering and painting.*
Surau – *Male & Female Toilet*	*The bottom side of the concrete slab at the wash basin is not plastered and painted.*
Tadika – *Male & Female Toilet*	*The bottom side of the raised concrete above the WC-need plastering and painting.*
Tadika – *Male Toilet*	*The plastered wall at the bottom of aluminium frame window is not painted at Male toilet, Office 2.*
Tadika – *Kitchen 1 & 2*	*The bottom side of the concrete slab at the built in cabinet is not plastered and painted.*
Multipurpose Hall – Store	*Uncompleted plastering work with rough surfaces around the R.C. column adjoining to the soffit left side of the R.C. floor at the Store.*
Multipurpose Hall – Male & Female Toilet	*The bottom side of the concrete slab at the wash basin is not plastered and painted in the Male & Female toilet.*
Multipurpose Hall – Water Storage Tank Room	*Uncompleted painting work on the right side of the entrance H.W. solid door in the water storage rooms at the Recreation Room 3.*
Administration Block – 1st Floor Balcony	*At the bottom of the plastered wall adjoining to the door frame plastering and painting is not fully done at 1st floor balcony outside the* Bilik Gerakan/Risik & Bilik PP Zon.
Administration Block – Corridor At Gen Set Room	*Uncompleted painting work at all around the powder coated fixed aluminium louvres ventilation in the Gen Set room.*
Administration Block – Corridor At Staircase 2	*Uncompleted painting work and rough surfaces finishing on the plastered of R.C. beam and sofit of R.C. gutter around the cable tray near the staircase 2 at the ground floor corridor.*
Administration Block – Male Toilet	*Wall tiles joints are not fully sealed at the Male toilet.*
Administration Block – Ruang Keselamatan Senjata Api	*Walls at the bottom of the concrete* Palong Kosong Senjata *tray is not being fully plastered.*
Flat A – Living	*Plastered wall adjoining to the top of the aluminium bay window is not fully plastered, with hole and roughly done.*
Flat A – Passageway	*Plastered wall around the switch point is not fully sealed with cement mortar at passageway at Bath 2.*
Flat A – Water Storage Tank Room	*The bottom side of the R.C. roof canopy is not plastered and painted at the water storage tank room.*
Flat A – Master Bedroom	*The top of aluminium window frame WI adjoining to the plastered R.C. beam is not fully plastered at Master Bedroom.*
Transit Room	*Power points are not fully done and were left with hole.*

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Baki kerja yang belum siap adalah kerja kemasan yang tidak mengganggu operasi dan fungsi bangunan yang telah disiapkan. Desakan keperluan operasi oleh pihak Pasukan Gerakan Marin memerlukan pengguna untuk berpindah masuk ke dalam dengan kadar segera. Oleh yang demikian, Kementerian memutuskan untuk memasukkan sebahagian kerja kemasan yang belum disiapkan sebagai kerja kecacatan dengan syarat kerja tersebut tidak menjejaskan operasi bangunan. Namun, pembayaran kepada Kontraktor tidak dibuat bagi kerja yang masih belum siap.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu mempertingkatkan penyeliaan terhadap perunding yang bertanggungjawab menyelia kemajuan kerja Kontraktor. Selanjutnya Kementerian dan perunding perlu memastikan pemantauan yang berterusan terhadap pelaksanaan projek supaya kerja pembinaan menepati spesifikasi dan kualiti serta dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, tindakan Kementerian mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja walaupun masih terdapat kerja yang belum disiapkan adalah tidak teratur dan telah mengakibatkan *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) tidak boleh dikenakan terhadap Kontraktor.

53.5.3. Pemantauan Terhadap Kerja Pembinaan

Pemantauan terhadap kerja pembinaan hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi kerja serta disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap pemantauan yang dijalankan terhadap kerja pembinaan Pangkalan Polis Marin Lahad Datu adalah seperti berikut:

53.5.3.1. Pemantauan Oleh Kementerian

Bahagian Pembangunan adalah bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan projek Pembinaan Pangkalan Polis Marin Lahad Datu. Semakan Audit mendapati Bahagian Pembangunan Kementerian selaku pihak pelaksana mengadakan mesyuarat tapak setiap bulan dengan perunding, Kontraktor dan jabatan pemilik (PDRM) bagi tujuan menyelaras dan memantau projek berkenaan.

53.5.3.2. Pemantauan Oleh Perunding

Selain Bahagian Pembangunan Kementerian, pemantauan terhadap kerja pembinaan Pangkalan Polis Marin Lahad Datu juga dilaksanakan oleh perunding. Tugas utama perunding adalah menyediakan skop kerja dan menyelia/memantau pelaksanaan kerja pembinaan sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan. Perunding juga bertanggungjawab mengesahkan kerja telah siap dilaksanakan sebelum Bahagian Pembangunan meluluskan bayaran kepada Kontraktor. Semakan Audit mendapati perunding telah mengadakan Mesyuarat Teknikal Projek setiap bulan dengan Kontraktor bagi memantau projek ini. Perunding juga telah menyediakan laporan dan arahan mengenai kerosakan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan yang perlu dibaiki oleh Kontraktor serta memantau kontraktor membaiki kerosakan infrastruktur sedia ada sebelum Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat pada 31 Januari 2012. Mesyuarat Tempoh Tanggungan Kecacatan diadakan untuk memantau keadaan tersebut.

Pada pendapat Audit, walaupun Kementerian dan perunding telah menyediakan mekanisme pemantauan terhadap pembinaan projek ini, namun tahap pemantauan adalah kurang memuaskan memandangkan masih terdapat kerosakan dan kecacatan serta kerja yang tidak siap dilaporkan.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Kementerian mengambil perhatian serius terhadap teguran Jabatan Audit Negara dan akan meningkatkan pemantauan projek akan datang dari semasa ke semasa.

53.5.4. Maklum Balas Terhadap Tahap Kepuasan Pelanggan

53.5.4.1. Semakan Audit mendapati Borang Aduan Kerosakan telah diedarkan kepada pengguna bangunan pembinaan Projek Pangkalan Polis Marin Lahad Datu seperti Blok


Pentadbiran; Dewan Serbaguna; Bilik Rekreasi; Bilik Transit; Garaj Bot Laju; Surau; Banglo Kelas 'D'; Rumah Berkembar Kelas 'E' dan Rumah *Flat* Kelas 'F' Blok A, B dan C oleh Bahagian Pentadbiran, Polis Marin Lahad Datu sebaik bangunan pembinaan berkenaan mula digunakan sejak bulan April 2011. Bagaimanapun, Bahagian Pentadbiran, Polis Marin Lahad Datu tidak menyimpan sebarang maklumat/rekod mengenai aduan kerosakan yang dilaporkan dan pembaikan yang telah dibuat oleh Kontraktor. **Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan tahap kerosakan yang dilaporkan terhadap bangunan yang telah digunakan dan tindakan pembaikan yang diambil oleh Kontraktor.**

53.5.4.2. Bagi mendapatkan maklum balas berhubung tahap kepuasan pengguna terhadap bangunan dan kemudahan yang disediakan, Jabatan Audit Negara telah mengedarkan borang soal selidik kepada 40 daripada 320 pengguna bangunan semasa lawatan pada 25 hingga 29 Julai 2011. Sebanyak 33 (82.5%) daripada borang tersebut telah dikembalikan. Berdasarkan maklum balas yang diterima, pihak Audit mendapati secara keseluruhannya pengguna berpuas hati terhadap bangunan dan kemudahan yang disediakan di mana peratusan bagi tahap amat baik adalah sebanyak 33.6%; memuaskan sebanyak 61.3% manakala tidak memuaskan hanya sebanyak 5.1%. Butirannya adalah seperti di **Jadual 53.9** manakala **Carta 53.1** menunjukkan analisis soal selidik tersebut. Bagaimanapun, terdapat aduan yang diterima dan perlu diambil tindakan segera oleh Kontraktor seperti di **Jadual 53.10**.

JADUAL 53.9
TAHAP KEPUASAN PENGGUNA BANGUNAN
PANGKALAN POLIS MARIN, LAHAD DATU, SABAH

SOAL SELIDIK	PERATUSAN SOAL SELIDIK (%)		
	AMAT BAIK	MEMUASKAN	TIDAK MEMUASKAN
Ruang	34.8	63.2	2.0
Kemasan	34.8	57.6	7.6
Berfungsi	31.2	63.2	5.6
PURATA PERATUSAN SOAL SELIDIK (%)	**33.6**	**61.3**	**5.1**

CARTA 53.1
ANALISIS SOAL SELIDIK TERHADAP TAHAP KEPUASAN PENGGUNA BANGUNAN PANGKALAN POLIS MARIN, LAHAD DATU, SABAH



JADUAL 53.10
ADUAN YANG DITERIMA DARIPADA PENGGUNA MELALUI ANALISIS SOAL SELIDIK

LOKASI PEMBINAAN	ADUAN YANG DITERIMA
Blok Pentadbiran	1. Bilik air tidak dibekalkan cermin seperti dinyatakan dalam kontrak. 2. Pintu tandas tidak boleh dibuka sepenuhnya. 3. Tandas perlu diperkemas dan pam air ada yang tidak berfungsi. 4. Tiada alat kawalan penghawa dingin bagi bilik tertentu.
Dewan Serbaguna	1. Kawalan suis lampu tidak berfungsi di *AV Room.* 2. Masih terdapat soket *plug* yang tidak dipasang.
Bilik Rekreasi	1. Perlu disediakan cermin muka seperti dinyatakan dalam kontrak.
Bilik Transit	1. Perlu disediakan cermin muka seperti dinyatakan dalam kontrak. 2. Pam air di jeti dan bilik pengawal di tandas tidak berfungsi. 3. Masih terdapat soket *plug* yang tidak dipasang.
Rumah *Flat* (Kelas 'F')	1. Sistem paip yang tidak kemas menyebabkan berlaku kebocoran yang tidak nampak. Aduan telah dibuat tetapi belum ada tindakan. 2. Lif selalu bermasalah, loceng rumah tidak memuaskan, paip singki bocor dan saluran najis kerap tersumbat. 3. Tingkap di bilik utama dipasang tidak rapat. 4. Air bertakung di lantai bilik mandi. 5. Lantai di bilik mandi bocor. 6. Bekalan air selalu terputus. 7. Tempat penyidai kain terlalu jauh.

Pada pendapat Audit, semua maklumat aduan kerosakan dan pembaikan hendaklah disimpan/difailkan secara sistematik oleh pihak Polis Marin Lahad Datu. Pemeriksaan berkala hendaklah dijalankan terutama sepanjang tempoh kecacatan bagi memastikan kerosakan yang dilaporkan telah diambil tindakan segera oleh pihak Kontraktor.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Senarai kerja kecacatan akan disahkan oleh pihak pengguna dan perunding apabila kerja pembaikan telah dibuat dengan sempurna. Satu lagi mesyuarat Tempoh Tanggungan Kecacatan [Defect Liability Period (DLP)] telah diadakan pada 1 Februari 2012 iaitu sehari selepas tarikh tamat DLP tersebut bagi memeriksa dan memastikan semua kerja kecacatan yang dilaporkan telah disempurnakan. Pihak pengguna boleh mengemukakan senarai kecacatan baru sekiranya ada dalam tempoh 14 hari selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan tersebut. Tindakan pembaikan perlu diambil oleh Kontraktor dalam tempoh 3 bulan sebelum Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan.

53.5.5. Perkhidmatan Pembersihan Dan Penyenggaraan Di Luar Dan Dalam Kawasan Bangunan Pembinaan Tidak Dirancang Dan Disediakan

Bagi memastikan bangunan yang dibina dan kemudahan yang disediakan sentiasa berada dalam keadaan baik dan memuaskan, perkhidmatan pembersihan dan penyenggaraan perlu dirancang dan disediakan oleh pengguna sebaik bangunan diserahkan kepada mereka. Semasa lawatan Audit antara 25 hingga 29 Julai 2011 iaitu selepas 4 bulan dari tarikh penyerahan projek pada 16 Mac 2011 di kawasan seperti blok pentadbiran, dewan serbaguna, surau, tadika/PERKEP dan bilik transit mendapati keadaan di dalam dan di luar kawasan bangunan berkenaan tidak dijaga dan tidak diurus dengan baik seperti contoh di **Gambar 53.40** hingga **53.46**. *Maklum balas yang diterima daripada pihak Polis Marin Lahad Datu menyatakan bahawa sejak projek diserahkan kepada mereka, kontrak perkhidmatan pembersihan belum dilaksanakan. Ini menyebabkan kerja pembersihan dilakukan sendiri oleh anggota Polis Marin atau oleh Kontraktor atas dasar membantu pihak Polis Marin tanpa mengenakan sebarang bayaran.*

GAMBAR 53.40



GAMBAR 53.41



Bilik Air Surau Yang Tidak Dijaga Dan Tidak Dibersihkan. Didapati Singki, Lantai Dan Tandas Kotor
(27.07.2011)

GAMBAR 53.42



GAMBAR 53.43



GAMBAR 53.44



GAMBAR 53.45



Kawasan Di Watch Tower
- Tidak Dijaga Dan Tidak Dibersihkan
(29.07.2011)

GAMBAR 53.46



Kawasan Luar Bangunan Pembinaan
- Terdapat Tanah Dan Batu Di Dalam Longkang Yang Boleh Menyebabkan Aliran Air Tersekat
(27.07.2011)

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Sepanjang Tempoh Tanggungan Kecacatan dari 31 Januari 2011 hingga 31 Januari 2012, pihak Kontraktor masih lagi membuat penyenggaraan terhadap bangunan sedia ada termasuklah sebahagian kerja pembersihan bangunan. Permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan pembersihan telah dikemukakan oleh Pasukan Gerakan Marin Lahad Datu kepada Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Sabah untuk kelulusan. Bahagian Pembangunan Kementerian telah juga mengeluarkan surat peringatan kepada PDRM pada 20 Januari 2012 untuk tindakan segera terhadap perkara ini.

Namun setakat bulan Mei 2012, pihak Audit mendapati kontrak pembersihan dan penyenggaraan masih belum dilaksanakan oleh PDRM.

Pada pendapat Audit, selain merancang dan menyediakan kontrak perkhidmatan pembersihan dan penyenggaraan, IPK Sabah sepatutnya menyediakan perancangan penyenggaraan tahunan sebelum Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat pada bulan Januari 2012. Ini bagi memastikan kerja penyenggaraan dapat terus dilaksanakan sebaik sahaja tempoh tanggungan kecacatan tamat supaya semua bangunan dan kelengkapan sentiasa berada dalam keadaan baik dan memuaskan.

53.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya Kementerian Dalam Negeri (Kementerian) dan pihak terlibat mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

53.6.1. Kementerian dan Kementerian Kewangan bagi pihak Kerajaan yang terlibat sebagai pembuat keputusan perlu mengambil tindakan segera terutama terhadap sebarang permasalahan yang wujud dalam peringkat perancangan dan pelaksanaan projek. Ini bertujuan memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar dan objektifnya dapat direalisasikan mengikut perancangan. Ia juga bagi memastikan Kontraktor tidak terjejas dengan sebarang keputusan yang tertangguh oleh pihak Kerajaan yang memberi kesan kepada pematuhan Kontraktor terhadap jadual pelaksanaan projek yang ditetapkan.

53.6.2. Kementerian perlu memastikan kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan telah diperolehi sebelum sesuatu kerja pembinaan ditawarkan.

53.6.3. Kementerian perlu mengambil tindakan terhadap perunding yang gagal mengambil kira keperluan tertentu semasa menyediakan reka bentuk bangunan yang menyebabkan ketidakselesaan dan kesusahan berpanjangan kepada pengguna dengan menyenaraihitamkan perunding berkenaan daripada mengambil bahagian dalam mana-mana projek pembinaan Kerajaan di masa hadapan.

53.6.4. Kementerian melalui perunding yang dilantik perlu memastikan kerja yang dilaksanakan oleh Kontraktor mematuhi spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan bagi menjamin kualiti pembinaan. Pembinaan yang tidak berkualiti dan tidak mengikut spesifikasi akan menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung kos penyenggaraan yang tinggi bagi memperbaiki kecacatan dan kerosakan yang berlaku setelah tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.

53.6.5. Kementerian dan perunding juga perlu memastikan semua kerosakan/kecacatan diambil tindakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kerosakan yang dilaporkan, tindakan pemotongan hendaklah diambil terhadap baki 50% Wang Jaminan Pelaksanaan yang masih ditahan dan menyelaraskannya semasa penyediaan akaun muktamad.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 438-451
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

54. JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA
- PENGURUSAN PEROLEHAN PERALATAN BANTUAN KECEMASAN

54.1. LATAR BELAKANG

54.1.1. Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) ditubuhkan pada 24 Mac 1952 di bawah peruntukan Ordinan Pertahanan Awam 1951 (Civil Defence Ordinance 1951). Pada tahun 1979, Ordinan Pertahanan Awam 1951 telah dipinda dengan menambah tanggungjawab JPAM untuk memberi khidmat bantuan bencana semasa aman. Antara fungsi utama JPAM adalah seperti berikut:

- Menggubal dasar-dasar yang sesuai mengenai pertahanan awam;
- Mengelola dan menyelenggara Angkatan Pertahanan Awam melalui perkhidmatan sokongan dan logistik;
- Menyediakan khidmat bantuan kecemasan dan talian 999 di seluruh negara; dan
- Melakukan tugas-tugas menyelamat dan menyelia mangsa bencana dan kemalangan di seluruh negara.

54.1.2. Bagi melaksanakan perkhidmatan bantuan kecemasan, JPAM dilengkapkan dengan peralatan bantuan keselamatan yang sesuai selaras dengan teknologi masa kini. Perolehan peralatan bantuan kecemasan melalui kaedah tender diuruskan oleh Kementerian Dalam Negeri, manakala perolehan secara sebut harga dan pembelian terus diuruskan oleh JPAM.

54.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan peralatan bantuan kecemasan telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

54.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pembelian, pendaftaran, penggunaan, penyenggaraan, pelupusan dan penyelenggaraan rekod terhadap pengurusan perolehan peralatan bantuan kecemasan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Semakan Audit dijalankan di Bahagian Perolehan, Kementerian Dalam Negeri (Kementerian); Ibu Pejabat Pertahanan Awam Kuala Lumpur (IPPA KL); 4 Pejabat Negeri Pertahanan Awam (PNPA) iaitu PNPA Kedah, Kelantan, Perlis dan Sabah; 6 Pejabat Daerah Pertahanan Awam (PDPA) dan 3 Pejabat Unit Pertahanan Awam (PUPA).

54.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi penyemakan ke atas fail, rekod dan dokumen berkaitan pengurusan perolehan peralatan bantuan kecemasan, temu bual dengan pegawai dan anggota yang terlibat, analisis terhadap data yang dikemukakan dan pemeriksaan fizikal terhadap peralatan bantuan kecemasan.

54.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2011 hingga Januari 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan peralatan bantuan kecemasan di JPAM adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

i. perolehan enjin bot 60hp ELPT 4-Stroke Mercury di 13 PNPA secara pembelian terus tidak teratur kerana nilai perolehan keseluruhan melebihi RM50,000;

ii. pegawai yang menerima peralatan di PNPA Kedah tidak dilantik secara bertulis;

iii. terdapat peralatan yang masih belum didaftarkan; dan

iv. lokasi penyimpanan peralatan kurang sesuai/kurang selamat kerana tidak dilengkapi dengan jeriji besi.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang dibangkitkan dan maklum balas JPAM adalah seperti di perenggan berikut:

54.5.1. Prestasi Perolehan Peralatan Bantuan Kecemasan

JPAM perlu dilengkapi dengan peralatan menyelamat yang sesuai selaras dengan teknologi masa kini. Sehubungan itu, sejumlah RM46.43 juta telah diperuntukkan kepada JPAM bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 untuk membuat perolehan peralatan bantuan kecemasan dan sejumlah RM42.63 juta (91.8%) telah dibelanjakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 54.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEROLEHAN
PERALATAN BANTUAN KECEMASAN BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

JENIS PERUNTUKAN	2009			2010			2011		
	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN		PERUNTUKAN	PERBELANJAAN		PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	
	(RM Juta)	(RM Juta)	%	(RM Juta)	(RM Juta)	%	(RM Juta)	(RM Juta)	%
Pembangunan	7.15	5.58	78.0	14.61	12.58	86.1	11.0	10.99	99.9
Mengurus	12.67	12.65	99.8	-	-	-	1.0	0.83	83.0
JUMLAH	**19.82**	**18.23**	**92.0**	**14.61**	**12.58**	**86.1**	**12.0**	**11.82**	**98.5**
JUMLAH KESELURUHAN BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011							**46.43**	**42.63**	**91.8**

54.5.2. Pengurusan Perolehan

Perolehan peralatan bantuan kecemasan di JPAM dilaksanakan melalui kaedah tender, sebut harga, pembelian terus dan kontrak pusat berdasarkan had nilai yang telah ditetapkan. Perolehan secara tender dilaksanakan di peringkat Kementerian, perolehan sebut harga dilaksanakan di peringkat IPPA KL manakala perolehan melalui pembelian terus dilaksanakan di peringkat IPPA KL dan PNPA. Semakan Audit terhadap pengurusan perolehan peralatan bantuan kecemasan mendapati perkara seperti berikut:

54.5.2.1. Perolehan Secara Tender

Berdasarkan Perenggan 2 Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2009, perolehan bekalan dan perkhidmatan melebihi RM500,000 hendaklah dibuat melalui tender. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, sebanyak 7 perolehan peralatan bernilai RM13.44 juta telah dilaksanakan melalui tender seperti butiran di **Jadual 54.2**. Semakan Audit di Bahagian Perolehan, Kementerian mendapati perolehan melalui kaedah tender telah dilaksanakan dengan teratur.

JADUAL 54.2
PEROLEHAN PERALATAN BANTUAN KECEMASAN MELALUI KAEDAH TENDER

TAHUN	PERUNTUKAN	ITEM	KUANTITI	HARGA	
				SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
2009	Mengurus *(One - Off)*	Lori 5 Tan Dan Kabin (Comcent)	1	570,000	570,000
		***Breathing Apparatus* (BA)**			
		- BA Set	100	7,559	755,900
		- *Cylinder Tank*	50	2,317	115,850
					871,750
		Bot			
		- Enjin 25hp	80	12,200	976,000
		- Bot Aluminium 14'	80	14,000	1,120,000
					2,096,000
		Lori 5 tan	13	284,000	3,692,000
		Motosikal 250cc	15	43,050	645,750
2010	Pembangunan	Ambulans	25	195,700	4,892,500
2011	Mengurus	Ambulans Penyelamat (e-Bidding)	4	167,047	668,188
JUMLAH					**13,436,188**

54.5.2.2. Perolehan Secara Sebut Harga

a. Tatacara Pengurusan Perolehan Secara Sebut Harga (SPP Bil. 5 Tahun 2009) menetapkan pembelian setiap jenis item yang melibatkan perbelanjaan tahunan antara RM50,000 hingga RM100,000 hendaklah dibuat secara sebut harga di kalangan 5 pembekal tempatan bertaraf bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang berkaitan. Manakala pembelian setiap jenis item yang melibatkan perbelanjaan tahunan antara RM100,000 hingga RM500,000 boleh dibuat secara sebut harga di kalangan sekurang-kurangnya 5 pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang berkaitan.

b. Perolehan secara sebut harga di JPAM dilaksanakan secara atas talian (termasuk e-bidding) dan manual. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, sebanyak 28 sebut harga berjumlah RM7.10 juta telah dilaksanakan di mana 26 sebut harga secara atas talian dan 2 sebut harga secara manual. Semakan Audit terhadap kesemua fail tersebut mendapati proses perolehan peralatan bantuan kecemasan secara sebut harga telah dijalankan mengikut peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.

54.5.2.3. Perolehan Secara Pembelian Terus

a. Perenggan 5 SPP Bil. 12 Tahun 2007 (Had Nilai Dan Syarat-syarat Pembelian Terus Bagi Bekalan Dan Perkhidmatan) menyatakan bahawa Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk merancang pembelian terus tahunan agensi dan memastikan pembelian terus tidak dipecah kecil untuk mengelak perolehan secara sebut harga atau tender. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan pembelian terus dibuat mengikut peraturan perolehan semasa yang ditetapkan.

b. Semakan Audit terhadap pembelian terus yang dilaksanakan di peringkat IPPA KL dan PNPA yang dilawati mendapati perolehan secara pembelian terus adalah teratur kecuali perolehan enjin bot 60hp ELPT 4-stroke jenis Mercury. Pihak IPPA KL telah membeli sebuah enjin bot 60hp ELPT 4-stroke jenis Mercury melalui perolehan pembelian terus untuk kegunaan PNPA Kelantan. Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak IPPA KL juga telah mengeluarkan waran berjumlah RM564,000 kepada 12 PNPA pada masa yang sama untuk membuat pembelian terus jenis enjin bot yang sama.

c. Pemeriksaan terhadap baucar bayaran bagi perolehan terbabit yang berjumlah RM610,800 mendapati semua PNPA telah membeli enjin bot dengan jenis dan spesifikasi yang sama daripada syarikat pembekal yang sama iaitu Aerovation Sdn. Bhd. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 54.3
PEROLEHAN ENJIN BOT YANG TELAH DIPECAH KECIL

PNPA	NO. RUJUKAN	PERIHAL	KUANTITI	HARGA (RM)
Kelantan	L0269010100090038 / 21.10.2009	Membekal Enjin Bot 60hp Untuk PPAD Kota Bahru (Pembelian Terus di IPPA KL)	1	46,800
Johor	W40165 / 21.10.2009	Perolehan Enjin Bot 60hp ELPT 4-Stroke Mercury	1	46,800
Kedah	W40153 / 21.10.2009	Perolehan Enjin Bot 60hp ELPT 4-Stroke Mercury	1	46,800
Negeri Sembilan	W40163 / 21.10.2009	Perolehan Enjin Bot 60hp ELPT 4-Stroke Mercury	1	46,800
Pahang	W40167 / 21.10.2009	Perolehan Enjin Bot 60hp ELPT 4-Stroke Mercury	1	46,800
Perak	W40157 / 21.10.2009	Perolehan Enjin Bot 60hp ELPT 4-Stroke Mercury	1	46,800
Perlis	W40151 / 21.10.2009	Perolehan Enjin Bot 60hp ELPT 4-Stroke Mercury	1	46,800
Pulau Pinang	W40155 / 21.10.2009	Perolehan Enjin Bot 60hp ELPT 4-Stroke Mercury	1	46,800
Sabah	W40171 / 21.10.2009	Perolehan Enjin Bot 60hp ELPT 4-Stroke Mercury	1	48,000
Sarawak	W40173 / 21.10.2009	Perolehan Enjin Bot 60hp ELPT 4-Stroke Mercury	1	48,000
Selangor	W40161 / 21.10.2009	Perolehan Enjin Bot 60hp ELPT 4-Stroke Mercury	1	46,800
Terengganu	W40169 / 21.10.2009	Perolehan Enjin Bot 60hp ELPT 4-Stroke Mercury	1	46,800
W.P. Kuala Lumpur	W40159 / 21.10.2009	Perolehan Enjin Bot 60hp ELPT 4-Stroke Mercury	1	46,800
JUMLAH KESELURUHAN				**610,800**

Nota: ***PNPA - Pejabat Negeri Pertahanan Awam***

Maklum Balas Jabatan Pertahanan Awam Yang Diterima Pada 19 Jun 2012

IPPA KL telah membuat perolehan bot berkenaan bagi pihak PNPA Kelantan kerana pada masa tersebut PNPA Kelantan sangat memerlukannya memandangkan enjin sedia ada telah rosak dan tidak ekonomik untuk diperbaiki disebabkan banjir. Bagaimanapun, pihak tertinggi IPPA KL berpendapat bahawa beberapa PNPA lain juga mempunyai keperluan yang sama dan memutuskan supaya perolehan ini diuruskan sendiri oleh PNPA yang berstatus PTJ yang telah diwakilkan kuasa. Keputusan ini dibuat berdasarkan kekangan-kekangan seperti berikut:

- ***perolehan ini dibuat untuk menghadapi bencana banjir yang berlaku ketika itu;***
- ***faktor masa kerana perolehan secara tender memerlukan masa yang panjang dan dikhuatiri pembekalan tidak dapat dibuat kepada PTJ dalam tahun semasa; dan***
- ***Syarikat Aerovation Sdn. Bhd. merupakan syarikat pembekal tunggal PDRM bagi enjin bot jenis Mercury dan JPAM telah memutuskan untuk menggunakan keistimewaan yang sama yang diberikan kepada PDRM bagi mendapatkan harga yang lebih murah selain stok yang sedia ada.***

Selain itu, JPAM memaklumkan pada masa akan datang, sekiranya item yang hendak dibeli terdapat dalam kontrak mana-mana agensi lain, pihak Jabatan akan memastikan kelulusan daripada Kementerian Kewangan diperolehi dahulu sebelum perolehan dibuat.

Pada pendapat Audit, tindakan IPPA KL mengeluarkan waran kepada semua PNPA untuk melaksanakan perolehan secara pembelian terus walaupun jumlah keseluruhan perolehan melebihi RM50,000 adalah bertentangan dengan kehendak peraturan kewangan. JPAM sepatutnya merancang perolehan dengan rapi dan teratur untuk sesuatu tahun bagi mengelakkan daripada memecah kecil perolehan. Selain itu, Ketua Jabatan hendaklah memastikan sebarang tindakan di luar peraturan mendapat kebenaran khas atau pengecualian daripada Kementerian Kewangan.

54.5.3. Pengurusan Penerimaan Peralatan Bantuan Kecemasan

Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan penerimaan peralatan bantuan kecemasan mendapati perkara seperti berikut:

54.5.3.1. Lantikan Pegawai Aset

Mengikut Perenggan 4 (b) (i) Pekeliling Perbendaharaan (PP) Bil. 5 Tahun 2007 mengenai Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (TPA), Pegawai Pengawal bertanggungjawab melantik Pegawai Aset di peringkat Kementerian/Jabatan/Pusat Tanggungjawab bagi memastikan pengurusan aset oleh Kerajaan dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati semua PNPA yang dilawati telah melantik pegawai aset secara bertulis.

54.5.3.2. Lantikan Pegawai Penerima Aset

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 antaranya menyatakan peranan Pegawai Penerima Aset iaitu pegawai yang diberi tanggungjawab untuk menerima dan mengesahkan aset yang diperoleh. Semakan Audit mendapati IPPA KL, PNPA Sabah dan Perlis telah melantik secara bertulis 2 orang pegawai penerima aset iaitu pegawai awam/pentadbiran (civilian) sebagai pegawai penerima barangan bukan operasi dan pegawai JPAM (uniform) sebagai pegawai penerima peralatan bantuan kecemasan/ operasi. Bagaimanapun, adalah didapati PNPA Kelantan hanya melantik seorang pegawai awam/pentadbiran (Gred N17) sebagai pegawai penerima aset bagi peralatan operasi dan bukan operasi. Bagi PNPA Kedah, penerimaan peralatan operasi dilakukan oleh pegawai Gred KP17 manakala penerimaan peralatan bukan operasi dilakukan oleh pegawai Gred N17. Namun semakan Audit mendapati kedua-dua pegawai tersebut tidak dilantik secara bertulis.

Maklum Balas Jabatan Pertahanan Awam Yang Diterima Pada 19 Jun 2012

Tindakan telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan.

Pada pendapat Audit, selain daripada memastikan tindakan telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan di PNPA yang dilawati, pihak JPAM hendaklah memastikan kelemahan berkenaan tidak berlaku di PNPA yang tidak dilawati oleh pasukan Audit.

54.5.4. Pendaftaran Peralatan Bantuan Kecemasan

54.5.4.1. Berdasarkan perenggan 11.1 (a) dan (b) TPA, semua aset hendaklah didaftarkan oleh Pegawai Aset di Kementerian/Jabatan/Pusat Tanggungjawab ke dalam Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Inventori (KEW.PA-3). Selain itu, Senarai Daftar Harta Modal (KEW.PA-4) dan Senarai Daftar Inventori (KEW.PA-5) juga perlu diselenggarakan. Setiap aset hendaklah didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan.

54.5.4.2. Pemeriksaan Audit di IPPA KL dan PNPA yang dilawati mendapati sebahagian besar peralatan bantuan kecemasan JPAM telah dibeli dan diterima oleh IPPA KL. Mengikut amalan JPAM, sekiranya peralatan tersebut berada di IPPA KL melebihi 2 minggu, maka pihak IPPA KL akan mendaftarkannya ke dalam KEW.PA berkenaan. Namun begitu, jika peralatan tersebut berada di IPPA KL kurang daripada 2 minggu, maka PNPA yang menerima peralatan tersebut bertanggungjawab mendaftarkannya ke dalam KEW.PA berkenaan. Semakan Audit terhadap pendaftaran peralatan bantuan kecemasan mendapati perkara seperti berikut:

a. Daftar Harta Modal (KEW. PA-2) Dan Daftar Inventori (KEW. PA-3)

i. Semakan Audit mendapati nombor enjin yang tercatat di KEW.PA-2 bagi 2 buah motosikal Kawasaki Ninja 250R bernombor pendaftaran WTH5991 (Alor Setar) dan WTH9912 (Langkawi) di JPAM Kedah adalah sama iaitu EX250JEC 33915.

ii. Lawatan Audit pada 6 hingga 8 Disember 2011 di Pejabat Daerah Pertahanan Awam (PDPA) Kota Bharu, Pejabat Unit Pertahanan Awam (PUPA) Machang dan Rantau Panjang mendapati masih terdapat aset yang belum didaftarkan dalam KEW.PA-2. Bagaimanapun, tarikh penerimaan aset berkenaan tidak dapat ditentukan kerana maklumat tidak dikemukakan kepada pihak Audit. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 54.4**.

JADUAL 54.4
ASET YANG TIDAK DIDAFTARKAN DALAM KEW.PA-2

ASET	NOMBOR CASIS	LOKASI
Enjin Bot Yamaha 25VMH	61R L 314670	PDPA Kota Bharu
Enjin Bot Yamaha F40MLHF	67C L 1031622	PDPA Kota Bharu
Enjin Bot Mercury 50HP	519755 200250ELPT0	PDPA Kota Bharu
Generator Honda 9.0 GX270	Tiada Maklumat	PDPA Kota Bharu
Enjin Bot Mercury 25HP	1A25213FK 0R330777F25ML	PUPA Machang
Enjin Bot Yamaha 8HP	1008292	PUPA Machang
Enjin Bot Mercury 25HP	1A25213FK 0R330744F25ML	PUPA Machang
Enjin Bot Mercury 40HP	1C09372640ML4S	PUPA Rantau Panjang

iii. Peralatan bantuan kecemasan *Garage Jack 3 ton* (2 unit), *Jack Stand 3 ton* (2 unit), kompresor set (1 set) dan *tool set* (1 set) yang dibeli oleh PNPA Perlis pada tahun 2009 masih belum didaftarkan ke dalam KEW.PA-3.

Maklum Balas Jabatan Pertahanan Awam Yang Diterima Pada 19 Jun 2012

Tindakan pembetulan telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan di atas.

Pada pendapat Audit, pendaftaran aset dan inventori hendaklah dibuat dalam masa 2 minggu daripada tarikh penerimaan selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Pihak JPAM juga hendaklah memastikan perkara yang sama tidak berlaku di PNPA lain.

b. Pelabelan Peralatan Bantuan Kecemasan

Perenggan 11.2 (a) dan (b) Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan semua aset perlu diberi tanda pengenalan dengan cara melabel, mengecat atau *emboss* bagi menunjukkan tanda “HAK KERAJAAN MALAYSIA” dan diberi nombor siri pendaftaran. Semakan Audit di PNPA yang dilawati mendapati semua peralatan kecemasan telah diberi tanda pengenalan "HAK KERAJAAN MALAYSIA" seperti yang ditetapkan kecuali PNPA Kelantan. Lawatan Audit ke PNPA Kelantan, PDPA Kota Bharu dan Kuala Krai mendapati aset tidak ditandakan

"HAK KERAJAAN MALAYSIA" dan tidak diberi nombor siri pendaftaran. **Jadual 54.5** dan **Gambar 54.1** hingga **54.3** menunjukkan aset yang tidak ditandakan/dilabel.

Maklum Balas Jabatan Pertahanan Awam Yang Diterima Pada 19 Jun 2012

PNPA Kelantan telah mengambil tindakan melabel "HAK KERAJAAN MALAYSIA" pada aset tersebut.

JADUAL 54.5
ASET YANG TIDAK DIBERI TANDA/LABEL
HAK KERAJAAN MALAYSIA DAN NOMBOR SIRI PENDAFTARAN

ASET/JENAMA	NO. SIRI PENDAFTARAN SEPERTI DI KEW.PA-2/KEW.PA-3	LOKASI	TARIKH TERIMA
Surf Rescue Board	KDN/PA.D(Cae)/I/09/084-086	PDPA Kota Bharu	20.09.2009
Pro Squard Signal Baton	KDN/PA.D(Ce)/I/10/004-008	PDPA Kuala Krai	22.02.2010
CPR Manikin With Monitor	KDN/PA.D(Cy)/H/10/014-015	PDPA Kota Bharu	14.07.2010
Full Body Infant (Baby) Manikin	KDN/PA.D(Cm)/I/10/286-288)	PDPA Kota Bharu	07.10.2010

GAMBAR 54.1



PDPA Kota Bharu
- Surf Rescue Board Tidak Ditandakan/Dilabel "HAK KERAJAAN MALAYSIA"
(06.12.2011)

GAMBAR 54.2



PDPA Kuala Krai
- Pro Squad Signal Baton Tidak Ditandakan/Dilabel "HAK KERAJAAN MALAYSIA"
(06.12.2011)



GAMBAR 54.3

PDPA Kota Bharu
- Full Body Infant (Baby) Manikin Tidak Ditandakan/Dilabel "HAK KERAJAAN MALAYSIA"
(06.12.2011)

Pada pendapat Audit, JPAM hendaklah memastikan semua peralatan bantuan kecemasan di pejabat JPAM dilabel selaras dengan kehendak peraturan bagi memudahkan pemeriksaan dan pemantauan.

c. Daftar Pergerakan Harta Modal Dan Inventori (KEW.PA-6)

Perenggan 11.3 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan pergerakan aset bagi tujuan pinjaman atau penempatan sementara hendaklah direkod dalam Buku Daftar Pergerakan Harta Modal/Inventori KEW.PA-6. Semakan Audit di PNPA, PDPA dan PUPA yang dilawati mendapati KEW.PA-6 ada diselenggarakan kecuali di PNPA Kedah dan Sabah, PDPA Langkawi dan Beaufort dan PUPA Menumbuk. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati KEW.PA-6 yang diselenggarakan tidak lengkap dan tidak kemas kini di mana pergerakan harta modal tidak dicatat dalam daftar tersebut.

Maklum Balas Jabatan Pertahanan Awam Yang Diterima Pada 19 Jun 2012

Tindakan serta-merta telah diambil dan memo peringatan telah dikeluarkan kepada semua PTJ supaya mengambil tindakan sewajarnya.

Pada pendapat Audit, semua pergerakan peralatan bantuan kecemasan hendaklah direkodkan ke dalam Buku Daftar Pergerakan Harta Modal/Inventori (KEW.PA-6) dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan pemantauan dan pengesanan serta untuk mengelak daripada berlakunya sebarang kehilangan.

54.5.5. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Peralatan Bantuan Kecemasan

54.5.5.1. Penggunaan Peralatan Bantuan Kecemasan

Mengikut Perenggan 14 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, semua aset Kerajaan yang dibeli hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi tujuan mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos, mencapai jangka hayat yang ditetapkan, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan. Semakan Audit mendapati peralatan bantuan kecemasan yang dibeli di PNPA yang dilawati telah digunakan selaras dengan objektif pembeliannya.

54.5.5.2. Penyimpanan Peralatan Bantuan Kecemasan

Mengikut perenggan 16.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, aset Kerajaan hendaklah disimpan di tempat yang selamat di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab. Semakan Audit di semua PNPA yang dilawati mendapati tempat penyimpanan barang operasi adalah kurang sesuai/ kurang selamat seperti berikut:

a. Stor penyimpanan enjin bot di PNPA yang dilawati terletak di aras bawah kecuali di PNPA Kedah yang terletak di Tingkat 6 Bangunan Wisma Persekutuan, Alor Setar. Lokasi stor di PNPA Kedah ini adalah tidak sesuai kerana keadaan fizikal enjin bot tersebut besar dan berat (anggaran berat antara 40kg hingga 50kg) serta menyukarkan proses pergerakan untuk dipindahkan apabila diperlukan atau berlakunya kecemasan.

Maklum Balas Jabatan Pertahanan Awam Yang Diterima Pada 19 Jun 2012

Lokasi penyimpanan tidak dapat diubah kerana pihak pengurusan bangunan tidak dapat menyediakan stor khas untuk JPAM di tingkat bawah. Bagaimanapun masalah ini akan selesai setelah PNPA Kedah berpindah ke pejabat baru di Anak Bukit yang dijangka siap pada bulan Mei 2012.

Bagaimanapun, sehingga 20 Jun 2012, Pejabat PNPA Kedah masih belum berpindah ke pejabat baru. Enjin bot dan stor penyimpanan berkenaan adalah seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:



GAMBAR 54.4

PNPA Kedah
- Enjin Bot Yang Disimpan Di Tempat Yang Tidak Sesuai
(05.12.2011)

b. Pintu masuk dan tingkap stor penyimpanan peralatan bantuan kecemasan di PNPA Perlis tidak dipasang dengan jeriji besi seperti ditunjukkan dalam **Gambar 54.5** dan **54.6.** *Mengikut maklum balas JPAM, jeriji besi telah dipasang di tingkap stor seperti teguran Audit.*

GAMBAR 54.5



GAMBAR 54.6



PNPA Perlis
- Pintu Dan Tingkap Stor Peralatan Bantuan Kecemasan Tidak Dipasang Jeriji Besi Serta Tidak Dilengkapi Dengan Alat Pengesanan Dan Pemadaman Kebakaran
(08.12.2011)

c. Manakala stor penyimpanan peralatan bantuan kecemasan di PNPA Sabah adalah kurang selamat memandangkan stor tersebut dilengkapi dengan tingkap kaca tetapi tidak dipasang dengan jeriji besi seperti di gambar berikut:

GAMBAR 54.7



GAMBAR 54.8



PNPA Sabah
- Tingkap Stor Bercermin Tidak Dipasang Jeriji Besi
(14.09.2011)

Maklum Balas Jabatan Pertahanan Awam Yang Diterima Pada 19 Jun 2012

PNPA Sabah telah memohon untuk memasang jeriji besi kepada pihak pengurusan bangunan dan telah mendapat maklum balas daripada pihak pengurusan bangunan. Pihak pengurusan bangunan telah meminta sebuah syarikat perkhidmatan penyenggaraan untuk memberi nasihat sama ada pemasangan jeriji besi boleh dilaksanakan atau sebaliknya.

Pada pendapat Audit, pihak JPAM perlu mengambil tindakan segera ke atas stor penyimpanan peralatan bantuan kecemasan yang tidak dipasang jeriji besi pada pintu dan tingkap bagi menjamin keselamatan peralatan.

54.5.6. Penyenggaraan Peralatan Bantuan Kecemasan

54.5.6.1. Mengikut Perenggan 22 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, antara tanggungjawab Pegawai Aset adalah menyediakan Senarai Aset Yang Memerlukan Penyelenggaraan (KEW.PA-13); menyediakan program penyenggaraan berdasarkan keutamaan dan melaksanakannya. Setiap penyenggaraan yang dilaksanakan hendaklah direkodkan dalam Daftar Penyelenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14).

54.5.6.2. Semakan Audit di IPPA KL dan PNPA Negeri yang dilawati mendapati PNPA Sabah, Kedah dan Perlis tidak menyelenggarakan KEW.PA-13 dan KEW.PA-14. Manakala PNPA Kelantan ada menyelenggarakan KEW.PA-13 dan KEW.PA-14 tetapi tidak lengkap dan tidak kemas kini seperti di jadual berikut:

JADUAL 54.6
REKOD PENYENGGARAAN ASET

LOKASI	SELENGGARA			KEMAS KINI	
	KEW.PA-13	KEW.PA-14	JADUAL PENYENGGARAAN	KEW.PA-13	KEW.PA-14
PASPA, IPPA KL	X	X	TB	X	X
PNPA Sabah	X	X	X	TB	TB
PNPA Kedah	X	X	X	X	✓
PNPA Perlis	X	X	X	TB	TB
PNPA Kelantan	✓	✓	X	X	X

Nota: ***✓ - Ya*** ***X - Tidak*** ***TB - Tidak Berkaitan***

Maklum Balas Jabatan Pertahanan Awam Yang Diterima Pada 19 Jun 2012

Tindakan pembetulan telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan di atas.

Pada pendapat Audit, pihak JPAM hendaklah memberi keutamaan terhadap penyenggaraan peralatan bantuan kecemasan memandangkan semua peralatan tersebut perlu sentiasa berada dalam keadaan baik. KEW.PA-13 dan KEW.PA-14 hendaklah diselenggarakan mengikut prosedur yang ditetapkan bagi memudahkan pemeriksaan dan untuk tujuan penyenggaraan pada masa akan datang.

54.5.7. Pelupusan Peralatan Bantuan Kecemasan

Pelupusan aset bertujuan untuk memastikan Jabatan tidak menyimpan aset yang tidak boleh digunakan atau tidak diperlukan lagi, menjimatkan ruang penyimpanan pejabat, mendapatkan hasil pulangan yang terbaik dan membolehkan aset milik Jabatan dipindahkan ke Cawangan/Jabatan yang lain atas sebab-sebab tertentu. Lawatan Audit ke PDPA Langkawi pada 6 Disember 2011 mendapati sebuah ambulans (WHY 3451) seperti di **Gambar 54.9** sudah rosak. PDPA Langkawi telah mengemukakan permohonan untuk pemeriksaan kenderaan tersebut kepada Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, JKR Kedah pada 14 Februari 2012 selepas menerima teguran Audit. Surat Perakuan Pelupusan Aset Alih Kerajaan daripada Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, JKR Kedah telah diterima oleh PDPA Langkawi pada 16 April 2012.

Maklum Balas Jabatan Pertahanan Awam Yang Diterima Pada 19 Jun 2012

Tindakan telah diambil untuk melupuskan kenderaan tersebut.



GAMBAR 54.9

PDPA Langkawi, Kedah
- Ambulans (WHY 3451) Yang Dilupuskan Selepas Teguran Audit
(06.12.2011)

Memandangkan pengauditan hanya dijalankan secara pensampelan, pihak Audit berpendapat JPAM perlu menjalankan pemeriksaan yang menyeluruh di semua pejabat cawangannya bagi memastikan aset yang telah rosak/usang dilupuskan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

54.5.8. Kehilangan Dan Hapus Kira

54.5.8.1. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 2008 menyatakan Ketua Jabatan hendaklah menyediakan Laporan Awal bagi kehilangan yang berlaku di Jabatan di bawah kawalannya. Bagi kehilangan yang melibatkan seseorang Ketua Jabatan, Laporan Awal hendaklah disediakan oleh pegawai atasannya di peringkat Kementerian/Ibu Pejabat secepat mungkin iaitu tidak lewat daripada 5 hari bekerja. Laporan Awal dan Laporan Polis hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan di mana berlakunya kehilangan dan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Salinan Laporan Awal hendaklah dihantar kepada Akauntan Negara dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.

54.5.8.2. Lawatan Audit ke PNPA Kelantan mendapati 4 kes kehilangan peralatan bantuan kecemasan telah berlaku dari tahun 2003 hingga 2011 seperti di **Jadual 54.7**. Semakan Audit mendapati Laporan Awal Kehilangan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) bagi peralatan tersebut masih belum disediakan kecuali *Chain Saw 24"* dan *Battery Charger* (Maxwell). Pihak Audit dimaklumkan bahawa Laporan Awal tersebut telah dihantar ke IPPA KL untuk tindakan. Namun sehingga ke tarikh lawatan Audit pada 8 Disember 2011, pihak PNPA Kelantan masih belum mendapat maklum balas daripada pihak IPPA KL.

JADUAL 54.7
PERALATAN BANTUAN KECEMASAN YANG HILANG DI PNPA KELANTAN

ASET / JENAMA	TARIKH KEHILANGAN BERLAKU / DIKETAHUI	LOKASI	LAPORAN AWAL / LAMPIRAN J DISEDIAKAN YA (✓) / TIDAK (X)
Chain Saw 24" - Husqvarna 365	Awal tahun 2003	PDPA Kuala Krai	✓
Battery Charger Maxwell	Awal tahun 2003	PDPA Kuala Krai	✓
Chainsaw 15" - Husqvarna 136	26.07.2009	PDPA Kota Bharu	X
Enjin Bot - Yamaha 45HP	10.10.2011	Sungai Kuala Koh	X

Maklum Balas Jabatan Pertahanan Awam Yang Diterima Pada 19 Jun 2012

Bagi kes kehilangan Chain Saw 24" - Husqvarna, Battery Charger Maxwell dan Chain Saw 15" Husqvarna 136, Pegawai Penyiasat telah dilantik untuk proses siasatan. Manakala bagi kes kehilangan Enjin Bot Yamaha 45HP pula, proses siasatan telah selesai dan dalam proses tindakan untuk hapus kira aset tersebut.

Pada pendapat Audit, JPAM hendaklah memastikan bagi semua kes kehilangan aset, Laporan Awal disediakan dalam tempoh yang ditetapkan dan siasatan dijalankan dengan segera.

54.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan peralatan bantuan kecemasan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan memberi khidmat bantuan kecemasan/tugas-tugas menyelamat dengan cekap serta Kerajaan mendapat *value for money* bagi setiap ringgit yang dibelanjakan, adalah disyorkan supaya JPAM mempertimbangkan perkara seperti berikut:

54.6.1. Memastikan perolehan peralatan bantuan kecemasan dibuat dengan mematuhi peraturan dan prinsip perolehan Kerajaan.

54.6.2. Merancang dengan teliti sebelum membuat perolehan untuk sesuatu tahun supaya tindakan memecah kecilkan perolehan tidak berlaku. Tindakan tatatertib hendaklah diambil terhadap mana-mana pegawai yang terbukti telah memecah kecilkan perolehan.

54.6.3. Melantik secara bertulis pegawai penerima aset yang mempunyai kelayakan dan kepakaran untuk membuat penerimaan dan pemeriksaan peralatan bantuan kecemasan.

54.6.4. Memastikan semua peralatan bantuan kecemasan didaftarkan dengan lengkap dan kemas kini dalam daftar yang ditetapkan termasuk di pejabat JPAM yang tidak dilawati Audit.

54.6.5. Mengkaji semula kesesuaian stor penyimpanan enjin bot di semua pejabat JPAM serta mengambil tindakan segera ke atas stor penyimpanan peralatan bantuan kecemasan yang tidak dipasang dengan jeriji besi pada pintu dan tingkap stor bagi menjamin keselamatan peralatan.

54.6.6. Memberi keutamaan kepada aspek penyenggaraan peralatan bantuan kecemasan memandangkan semua peralatan tersebut mesti sentiasa berada dalam keadaan baik.

54.6.7. Tindakan pelupusan/hapus kira hendaklah diambil terhadap aset yang tidak boleh digunakan atau tidak diperlukan lagi atau aset yang hilang.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 452-457
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

HASIL PENGAUDITAN YANG DILAPORKAN SECARA RINGKAS

55. KEMENTERIAN KEWANGAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

- **Pengurusan Pungutan Cukai Pendapatan Bagi Kes Penyiasatan**

55.1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) berusaha untuk membanteras kegiatan pelarian cukai melalui aktiviti penyiasatan. Perkara ini berlaku kerana masih terdapat individu dan syarikat yang mengabaikan kewajipan dengan mengelak daripada membayar cukai pendapatan. Keadaan ini menyebabkan Kerajaan mengalami kekurangan hasil yang sepatutnya dikutip. Aktiviti penyiasatan merangkumi pemeriksaan terhadap buku/rekod/dokumen peribadi dan perniagaan pembayar cukai. Pemeriksaan ini dilakukan untuk memastikan bahawa jumlah pendapatan yang dilaporkan adalah betul, cukai telah dikira serta dibayar mengikut undang-undang dan peraturan percukaian. Penyiasatan akan dilaksanakan ke atas kes yang disyaki dan mempunyai bukti yang terang dan jelas bahawa pembayar cukai telah dengan sengaja tidak melaporkan pendapatan atau dengan sengaja melakukan pengelakan di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Setem 1949 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

55.2. Pembayar Cukai disiasat dan dipilih berdasarkan kepada beberapa kriteria antaranya melalui analisis risiko; berdasarkan kepada maklumat daripada pengadu dan/atau orang awam; analisis dan semakan Borang Nyata dan juga dari maklumat risikan yang telah dijalankan.

55.3. Unit Pungutan bertanggungjawab memungut dan memantau pembayaran cukai dan menjalankan penguatkuasaan terhadap Pembayar Cukai yang gagal membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan setelah kerja penyiasatan selesai dijalankan dan jumlah cukai kebelakangan (back duty tax) telah dikenakan.

55.4. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, sebanyak 2,558 (48%) dari 5,334 kes telah dapat diselesaikan oleh 18 pusat penyiasatan melibatkan cukai kebelakangan berjumlah RM2.825 bilion. Kes yang telah selesai disiasat meliputi kes Pembayar Cukai Individu Penggajian (SG), Pembayar Cukai Individu yang menjalankan perniagaan (OG), Pembayar Cukai Syarikat (C) dan Pembayar Cukai Kategori yang lain.

55.5. Pengauditan dijalankan pada bulan Disember 2011, Januari 2012 dan April 2012 terhadap pengurusan pungutan cukai pendapatan bagi kes penyiasatan yang diselesaikan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Cawangan Siasatan yang terpilih adalah Cawangan Siasatan Pulau Pinang, Putrajaya dan Bahagian Siasatan Khas, Jabatan Siasatan iaitu antara Cawangan yang telah menyelesaikan kes melibatkan cukai kebelakangan terkumpul melebihi RM10 juta bagi tahun 2009, 2010 atau 2011. Bilangan sampel yang dipilih adalah 100 peratus atau maksimum 100 fail daripada jumlah keseluruhan kes yang telah diselesaikan dalam tempoh tahun 2009 hingga 2011 untuk Cawangan Siasatan yang telah terpilih.

55.6. Secara keseluruhannya pengurusan pungutan cukai pendapatan bagi kes penyiasatan adalah baik. Semakan Audit terhadap statistik 18 Cawangan Siasatan LHDNM mendapati 2,558 kes penyiasatan melibatkan kutipan cukai berjumlah RM2.825 bilion telah diselesaikan. Ianya melibatkan 1,807 kes selesai berhasil manakala sebanyak 744 melibatkan kes tutup tanpa pelarasan cukai dan bakinya hanya melibatkan pelarasan teknikal. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 55.1
PRESTASI PENYELESAIAN KES SIASATAN BAGI
SETIAP CAWANGAN SIASATAN BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

PUSAT PENYIASATAN	CUKAI KEBELAKANGAN											
	2009				2010				2011			
	BIL. KES SELESAI			AMAUN CUKAI (RM Juta)	BIL. KES SELESAI			AMAUN CUKAI (RM Juta)	BIL. KES SELESAI			AMAUN CUKAI (RM Juta)
	A	B	C		A	B	C		A	B	C	
Kuala Lumpur	102	28	0	323.25	57	39	0	217.96	62	54	0	161.28
Shah Alam	68	8	2	83.26	63	15	0	99.28	98	33	0	141.02
Pulau Pinang	24	11	0	49.13	37	4	0	31.97	19	38	0	37.77
Ipoh	32	13	0	21.87	48	12	0	24.62	37	19	0	62.39
Johor Bahru	60	27	0	40.19	48	18	0	71.97	72	19	0	64.69
Melaka	34	17	1	19.52	46	17	1	21.76	41	26	0	24.22
Kuantan	27	19	0	16.20	26	13	0	7.96	26	12	0	15.99
Kuching	35	6	0	51.09	25	14	0	98.73	35	20	1	48.52
Kota Kinabalu	42	4	0	30.21	36	8	0	34.12	47	17	0	54.04
Kota Bahru	28	5	0	9.84	19	4	0	7.87	23	5	0	12.51
Seremban	17	3	0	10.60	23	10	0	15.43	20	8	0	12.69
Kluang	6	10	0	5.00	8	10	0	5.60	14	13	0	7.19
Alor Setar	24	5	0	6.89	10	6	0	12.19	24	16	0	19.27
Taiping	5	5	0	3.07	13	7	0	5.24	14	8	1	15.33
K. Terengganu	13	3	0	5.03	9	1	0	6.09	12	2	0	10.63
Putrajaya	73	34	1	121.92	67	21	0	74.11	72	32	0	107.47
Miri	23	5	0	14.11	17	4	0	8.28	29	6	0	10.30
BKPP	6	8	0	33.65	6	1	0	425.30	5	1	0	6.11
JUMLAH	**619**	**211**	**4**	**844.92**	**558**	**204**	**1**	**1,168.54**	**630**	**329**	**2**	**811.49**

Nota: ***A - Selesai Berhasil*** ***B - Tutup Tanpa Pelarasan Cukai*** ***C - Penyelarasan Teknikal***

55.7. Semakan Audit terhadap 160 pembayar cukai yang telah selesai dijalankan penyiasatan di 3 Cawangan Siasatan mendapati perkara berikut:

55.7.1. Peraturan berkenaan dengan kelulusan penyelesaian kes dipatuhi dalam meluluskan penyelesaian kes.

55.7.2. Bagi kesemua kes yang disemak, pengiraan bayaran pendahuluan sebanyak 25 peratus telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Rangka Kerja Penyiasatan Tahun 2007.

55.7.3. Peraturan mengenai kelulusan bayaran ansuran cukai dipatuhi oleh Cawangan Siasatan yang diaudit.

55.7.4. Pemantauan bayaran pendahuluan serta ansuran yang dibenarkan mengenai perkara berikut dipatuhi:

a. maklumat bayaran permulaan dan ansuran telah dikunci masuk dalam Sistem Pengurusan Siasatan;
b. bayaran ansuran dipatuhi oleh pembayar cukai seperti yang dipersetujui dengan menyediakan Cek Lewat Tarikh (Post Dated Cheque);
c. Cek Lewat Tarikh ditunaikan dalam tempoh matang cek;
d. dokumen yang perlu dikemukakan ke Unit/Cawangan Pungutan adalah lengkap; dan
e. tindakan kaveat, pengenaan sekatan perjalanan dan guaman sivil juga telah dibuat terhadap pembayar cukai yang tidak bersetuju dengan taksiran komposit yang

dibangkitkan oleh pegawai penyiasat bagi menjaga kepentingan Kerajaan sementara menanti keputusan rayuan pembayar cukai di Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan, Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan dipatuhi dalam melaksanakan pemungutan cukai kes penyiasatan.

55.7.5. Semakan menyeluruh terhadap pungutan cukai kes penyiasatan di 3 Cawangan Siasatan melibatkan 160 kes pembayar cukai yang selesai disiasat dengan jumlah penyelesaian cukai berjumlah RM632.19 juta mendapati:

a. sebanyak 14 kes pembayar cukai melibatkan penyelesaian cukai berjumlah RM467.52 juta masih belum dapat dikutip walaupun telah selesai dijalankan penyiasatan kerana sama ada pembayar cukai telah menjadi seorang bankrap; enggan menandatangani perjanjian penyiasatan dan dalam proses merayu kepada Pesuruhjaya Cukai ataupun masih di peringkat tindakan mahkamah;
b. sebanyak 7 kes pembayar cukai dengan jumlah penyelesaian berjumlah RM15.18 juta masih belum selesai dikutip kerana masih dalam proses pembayaran secara ansuran sehingga tahun 2013 melibatkan baki ansuran cukai berjumlah RM6.58 juta; dan
c. baki penyelesaian cukai berjumlah RM158.09 juta telah selesai dibuat bayaran mengikut perjanjian yang dipersetujui antara LHDNM dan pembayar cukai.

55.8. Setiap kes penyiasatan yang selesai dijalankan dan cukai yang dibangkitkan telah dipersetujui oleh pembayar cukai, cek lewat tarikh bagi setiap bayaran ansuran yang ditetapkan akan dikemukakan kepada LHDNM untuk ditunaikan apabila tarikh cek tersebut matang. Semakan Audit terhadap bayaran yang telah dibuat dan dimasukkan ke lejar pembayar cukai mendapati bahawa terdapat bayaran yang dibuat menggunakan kod bayaran lain selain daripada kod yang telah dikhaskan untuk bayaran penyiasatan iaitu kod 088.

Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Arahan berkenaan dengan maklumat yang perlu dicatatkan di belakang cek seperti nama pembayar cukai; No. Rujukan Cukai Pendapatan; Kod Bayaran dan Tahun Taksiran telahpun dikeluarkan melalui Arahan Operasi Bil. 9 Tahun 2004 dan kesalahan kod bayaran ini dikesan akibat kesilapan apabila memasukkan data bayaran dan tidak menjejaskan tindakan pemantauan bayaran. Bagi tindakan penambahbaikan, Jabatan Siasatan telah mengeluarkan memo peringatan kepada setiap Cawangan Siasatan untuk mematuhi Pekeliling Operasi tersebut.

55.9. LHDNM perlu memastikan arahan serta pekeliling operasi berkaitan dipatuhi sepenuhnya bagi mempertingkatkan lagi keberkesanan pemantauan pungutan kes penyiasatan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 458 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

56. KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN
- *Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB)*

56.1. Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB - High Speed Broad Band) adalah projek yang dilaksanakan secara usaha sama antara sektor awam dan sektor swasta (Public-Private Partnership). Satu perjanjian antara Kerajaan dengan Telekom Malaysia Berhad (TM) ditandatangani pada 16 September 2008 dengan kos kontrak berjumlah RM11.306 bilion. Daripada kos kontrak ini, dana sejumlah RM2.400 bilion (21.2%) akan diperuntukkan oleh Kerajaan bagi tempoh 3 tahun pertama (25 Julai 2008 hingga 25 Julai 2011, kemudiannya dilanjutkan sehingga 24 Julai 2012) manakala bakinya sejumlah RM8.906 bilion (78.8%) oleh TM bagi tempoh 10 tahun. Kontrak ini adalah untuk pihak TM menyediakan perkhidmatan jalur lebar premium dengan kelajuan 10 Mbps hingga 100 Mbps (megabit sesaat) bagi pelanggan kediaman dan sehingga 1 Gbps (gigabit sesaat) untuk perniagaan menerusi infrastruktur gentian optik yang merangkumi capaian tempatan dan antarabangsa. Objektif utama projek HSBB adalah untuk menyediakan infrastruktur rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi kepada 1,335,544 premis (perumahan dan perniagaan) di seluruh negara menjelang hujung tahun 2012. Projek ini tertumpu di kawasan ekonomi berimpak tinggi meliputi *Inner Klang Valley,* Johor Bahru (Wilayah Pembangunan Iskandar) dan kawasan perindustrian utama.

56.2. Skop utama projek adalah melibatkan penyediaan infrastruktur rangkaian jalur lebar merangkumi rangkaian capaian (last mile), rangkaian teras (core network) dan rangkaian antarabangsa (international network). Rangkaian capaian menghubungkan kediaman dan perniagaan kepada lebuh raya jalur lebar bagi membolehkan capaian lebih pantas melalui rangkaian gentian optik. Rangkaian teras bertindak sebagai lebuh raya jalur lebar yang menghubungkan seluruh Malaysia. Rangkaian antarabangsa pula bertindak sebagai lebuh raya jalur lebar yang menghubungkan Malaysia dengan negara lain melalui rangkaian dasar laut.

56.3. Mengikut perjanjian, mulai bulan Januari 2014, perkongsian hasil (revenue sharing) dengan TM mengikut nisbah pelaburan yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

a. Pembayaran tetap secara tahunan sebanyak RM50 juta untuk tempoh 4 tahun iaitu mulai 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2017.

b. Pembayaran boleh ubah bagi lebihan hasil sebenar yang melebihi hasil unjuran untuk tempoh 8 tahun iaitu mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2025.

56.4. Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada projek HSBB telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan cekap bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Semakan Audit yang dijalankan antara bulan September 2011 hingga Februari 2012 mendapati proses pelantikan kontraktor adalah teratur dan baik serta pelaksanaan penyediaan infrastruktur rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi adalah mengikut jadual yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam aspek pelantikan dan pembayaran perunding. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

56.4.1. Projek HSBB ini dilaksanakan sepenuhnya oleh TM. Sehingga 31 Disember 2011, kemajuan projek telah mencapai 87.3% di mana 1,165,759 (87.3%) premis telah disediakan perkhidmatan infrastruktur akses jalur lebar berkelajuan tinggi ini berbanding 1,335,544 premis yang disasarkan. Baki 169,785 premis disasarkan untuk disediakan perkhidmatan ini pada tahun 2012. Sasaran dan pencapaian pelaksanaan projek adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 56.1
SASARAN DAN PENCAPAIAN PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR HSBB

TAHUN	TEMPOH	JUMLAH PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR (PREMIS PASS)			
		SASARAN	PELAKSANAAN	PENCAPAIAN (%)	PELAKSANAAN TERKUMPUL
1	25.07.2008 - 31.12.2009	304,184	151,780	49.9	151,780
2	01.01.2010 - 31.12.2010	449,264	607,920	135.3	759,700
3	01.01.2011 - 31.12.2011	392,539	406,059	103.4	1,165,759
4	01.01.2012 - 31.12.2012	189,557 (Baki sebenar: 169,785)	* Sedang Dilaksana	-	-
JUMLAH		**1,335,544**	**1,165,759**	**87.3**	

Sumber: ***Laporan Bulanan Pelaksanaan Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) Bulan Mac 2012***

56.4.2. Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) merupakan agensi di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan (Kementerian) telah ditugaskan untuk melantik perunding bebas bagi membuat pengesahan terhadap tuntutan TM kepada Kerajaan. Mengikut perjanjian antara Kerajaan dengan TM yang ditandatangani pada 16 September 2008, lantikan perunding bebas hendaklah dibuat dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh perjanjian ditandatangani. Bagaimanapun, Surat Tawaran Pelantikan hanya dikeluarkan kepada NFE Consulting Sdn. Bhd. (NFE) pada 11 Mac 2009 iaitu lewat kira-kira 3 bulan. Pelantikan sepatutnya dibuat sebelum 16 Disember 2008.

Maklum Balas Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Kelewatan ini adalah disebabkan oleh penelitian yang lebih terperinci perlu dibuat.

56.4.3. SKMM dan NFE telah menandatangani perjanjian berjumlah RM4.39 juta (termasuk retention sum berjumlah RM439,246) pada 18 Ogos 2009 bagi perkhidmatan pengesahan kerja yang dilakukan oleh TM sehingga peruntukan kerajaan berjumlah RM2.400 bilion selesai dituntut. Bayaran kepada NFE akan dibuat oleh SKMM dan kemudiannya dituntut kembali daripada TM. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2011, bayaran penuh berjumlah RM3.95 juta (tidak termasuk retention sum) telah dibuat kepada NFE walaupun peruntukan kerajaan berjumlah RM2.400 bilion belum selesai dibuat sepenuhnya kerana masih terdapat tuntutan daripada TM berjumlah RM142.33 juta yang belum disahkan oleh NFE. **Pada pendapat Audit, pengesahan tuntutan ini akan meningkatkan kos bayaran perunding**.

Maklum Balas Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Pengesahan terhadap tuntutan RM142.33 juta ini telah dilaksanakan secara dalaman mulai bulan Jun 2012.

56.4.4. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan adalah disyorkan supaya penyeliaan dipertingkatkan untuk memastikan syarat-syarat perjanjian dipatuhi mengikut jadual yang ditetapkan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 459-460 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

57. KEMENTERIAN PERTAHANAN

- *Pengurusan Perolehan Pesawat PC-7 MK II*

57.1. Kementerian Pertahanan (Kementerian) telah membuat permohonan peruntukan berjumlah RM354 juta kepada Kementerian Kewangan pada 19 Oktober 2005 untuk membuat perolehan 16 pesawat PC-7 MK II bagi menggantikan pesawat sedia ada yang tidak lagi berupaya untuk melaksanakan tugas latihan secara lebih efektif. Perolehan ini juga bagi memenuhi usaha Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) untuk mengambil langkah yang lebih strategik dalam meningkatkan keupayaan, kecekapan dan kepakaran yang tinggi di kalangan juruterbangnya.

57.2. Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan perolehan pesawat pada 17 November 2005 berjumlah RM354 juta. Pada 30 Disember 2005, Lembaga Perolehan A telah bersetuju menerima dan memperakukan harga tawaran secara rundingan terus daripada Syarikat Pilatus Aircraft Ltd berjumlah RM213.42 juta (CHF72,102,500) untuk 10 buah pesawat PC-7 MK II baru; *Flight Training Device* (FTD) serta kerja membekal, menyenggara dan menaik taraf 8 pesawat PC-7 MK II sedia ada yang dimiliki oleh TUDM. Kementerian telah memohon kepada Kementerian Kewangan pada 6 Januari 2006 untuk memuktamadkan harga perolehan tersebut dan ianya telah diluluskan pada 14 Februari 2006. Perjanjian kontrak telah ditandatangani pada 24 April 2006 di antara Kementerian dan Syarikat Pilatus Aircraft Ltd. **Gambar 57.1** dan **57.2** menunjukkan Pesawat PC-7 MK II dan *Flight Training Device* (FTD) yang telah dibeli oleh TUDM.

GAMBAR 57.1



Kolej Tentera Udara Alor Setar, Kedah
- Pesawat PC-7 MK II

GAMBAR 57.2



Kolej Tentera Udara, Alor Setar Kedah
- Flight Training Device (FTD)

57.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2011 mendapati pengurusan perolehan pesawat PC-7 MK II adalah memuaskan. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap dokumen pengurusan perolehan pesawat di Kementerian; Markas Tentera Udara; Markas Pendidikan Latihan Udara (MPLU); Markas Logistik Udara serta Kolej Tentera Udara di Kedah mendapati beberapa kelemahan dalam pembayaran dan penggunaan pesawat seperti berikut:

57.3.1. Mengikut syarat kontrak, bayaran pendahuluan hendaklah dibayar sebanyak 15 peratus daripada harga kontrak iaitu RM31.13 juta (CHF10,815,375) dalam tempoh 45 hari selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Selain itu, bayaran kemajuan pertama dan kedua yang masing-masingnya berjumlah CHF6,908,483.60 dan CHF10,362,725.40 hendaklah dibuat dalam tempoh 90 hari dan 180 hari dari tarikh SST dikeluarkan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati bayaran pendahuluan telah dibuat pada 13 April 2006, iaitu melebihi tempoh 45 hari dari tarikh SST dikeluarkan iaitu pada 14 Februari 2006. Selain itu, terdapat kelewatan pembayaran bagi kedua-dua bayaran kemajuan, di mana bayaran kemajuan pertama dan kedua telah lewat dijelaskan selama 36 hari dan 86 hari dari tarikh SST dikeluarkan.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Menyatakan pihak pembekal dikehendaki mengemukakan Advance Payment Guarantee (APG) kepada Kementerian dalam tempoh 45 hari selepas tarikh SST iaitu sebelum atau pada 31 Mac 2006. Bagaimanapun, APG yang dikemukakan oleh pembekal tidak mengikut format yang ditetapkan di mana nilai matawang yang digunapakai bukan dalam bentuk Ringgit Malaysia (RM) tetapi di dalam matawang Swiss Franc (CHF). Selain itu,* Kementerian *tidak boleh membuat bayaran selagi dokumen daripada pihak pembekal kepada pihak bank seperti invois dan dokumen lain tidak lengkap/lewat dikemukakan. Invois bayaran kemajuan pertama dan kedua hanya diterima daripada pembekal pada 17 Mei 2006 dan 21 Ogos 2006. Pihak Kementerian perlu membuat pengesahan pada invois tersebut sebelum pembayaran dapat dibuat.

Pada pendapat Audit, tindakan pihak Kementerian adalah wajar untuk memastikan prosedur kewangan dipatuhi dan kepentingan Kerajaan terpelihara. Sepatutnya pihak Kementerian menggesa pihak syarikat mengemukakan dokumen yang diperlukan bagi mematuhi ketetapan bayaran seperti mana yang disyaratkan di dalam kontrak.

57.3.2. Mengikut kontrak, jam penerbangan bagi keseluruhan *fleet* pesawat mampu mencapai 220 jam sebulan. Bagaimanapun, jumlah purata bulanan jam penerbangan sebenar yang dicapai oleh pesawat PC-7 MK II bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 adalah hanya antara 46.28 jam hingga 73.36 jam. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 57.1
JAM PENERBANGAN SEBENAR PC-7 MK II MENGIKUT BULAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

BULAN	*BASIC CONTRACT*	JUMLAH JAM PENERBANGAN SEBENAR		
		2009 (Jam)	2010 (Jam)	2011 (Jam)
Januari	220	55.30	210.10	59.60
Februari	220	28.00	93.40	45.70
Mac	220	108.10	56.50	80.10
April	220	27.10	14.10	18.00
Mei	220	72.30	55.80	37.20
Jun	220	30.70	21.00	24.40
Julai	220	41.10	20.10	20.30
Ogos	220	10.40	9.80	27.30
September	220	29.50	22.00	21.85
Oktober	220	130.10	9.30	29.60
November	220	97.80	18.70	47.17
Disember	220	249.90	24.60	187.40

Sumber: Bahagian Kejuruteraan, KTU

57.3.3. Bagi setiap siri kursus yang melibatkan penggunaan pesawat PC-7 MK II, jumlah pengambilan pelatih juruterbang yang disasarkan adalah seramai 50 orang dan tempoh masa kursus adalah selama 15 bulan. Bagaimanapun, hanya seramai 18 orang pelatih juruterbang sahaja telah terpilih untuk memulakan latihan menggunakan pesawat PC-7 MK II dengan sepenuhnya bermula pada 29 November 2011.

57.3.4. Pihak Audit dimaklumkan, antara faktor yang menyumbang kepada jam penggunaan pesawat PC-7 MK II yang rendah dan pengambilan pelatih juruterbang yang sedikit adalah kerana kekurangan jurulatih. Pusat Latihan Terbang (PLTB) I hanya mempunyai seramai 5 jurulatih yang berkelayakan untuk memberi latihan menggunakan pesawat PC-7 MK II. Mengikut silibus yang dikeluarkan oleh MPLU, setiap 2 pelatih juruterbang memerlukan seorang jurulatih. Berdasarkan nisbah tersebut, jumlah jurulatih sedia ada tidak mencukupi. Selain itu, komitmen jurulatih terhadap tugas-tugas lain seperti menghadiri mesyuarat dan

kursus menyebabkan jadual latihan penerbangan yang telah dirancang tergendala. Pihak Audit juga dimaklumkan peningkatan kerjaya jurulatih menyebabkan PLTB I kekurangan jurulatih.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Memaklumkan antara faktor penting yang menyumbang kepada kekurangan pencapaian jam penerbangan bulanan adalah disebabkan kekurangan jurulatih dan jurulatih juga tidak dibenarkan menerbangkan 2 jenis pesawat berlainan pada hari yang sama. Bagaimanapun, sehingga bulan Mei 2012, bilangan jurulatih yang berkelayakan untuk memberi latihan menggunakan pesawat PC-7 MK II ini telah meningkat kepada 12 orang.

Pada pendapat Audit, TUDM perlu meningkatkan bilangan jurulatih pesawat PC-7 MK II bagi memastikan objektif perolehan pesawat untuk digunakan bagi melatih pelatih juruterbang dapat dicapai sepenuhnya.

57.3.5. FTD merupakan peralatan yang digunakan oleh juruterbang pelatih untuk mempelajari sistem serta mengendalikan pesawat sebelum menggunakan pesawat sebenar dan ia merangkumi *cockpit section; instruction station; visual system* dan *worldwide interface via HLA* (*option*). Semakan Audit mendapati FTD hanya mula digunakan pada bulan Mac 2010 walaupun telah diterima pada bulan Februari 2009.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 7 Jun 2012

Memaklumkan semenjak kursus Siri 74 bermula pada bulan September 2011, FTD ini telah mula digunakan dengan lebih kerap. Antara bulan Januari hingga bulan Mei 2012, kekerapan penggunaan FTD ini adalah antara 128 hingga 227 jam sebulan.

Pada pendapat Audit, penggunaan FTD perlu dimanfaatkan secara optimum memandangkan Kerajaan telah membelanjakan sejumlah peruntukan yang besar bagi perolehannya.

57.4. Bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan pesawat PC-7 MK II serta mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan supaya Kementerian mengambil tindakan seperti berikut:

57.4.1. Kementerian seharusnya dapat menggesa syarikat yang terlibat mengemukakan dokumen yang diperlukan bagi mematuhi ketetapan bayaran sepertimana yang disyaratkan di dalam kontrak.

57.4.2. TUDM perlu meningkatkan bilangan jurulatih pesawat PC-7 MK II bagi memastikan objektif perolehan pesawat iaitu untuk melatih pelatih juruterbang dapat dicapai. TUDM perlu mempunyai perancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang berkaitan keperluan jurulatih, juruterbang dan program latihan bagi memastikan kecukupan jurulatih dan juruterbang yang cekap dan mahir.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 461-463
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

58. KEMENTERIAN KERJA RAYA/KEMENTERIAN DALAM NEGERI

- *Projek Pembinaan Kompleks Kementerian Dalam Negeri Di Langkawi, Kedah*

58.1. Projek Pembinaan Kompleks Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Daerah Langkawi diluluskan di bawah RMKe-8 dan pelaksanaannya disambung dalam RMKe-9. Projek ini bertujuan untuk menempatkan serta memudahkan penyelarasan antara jabatan/agensi di bawah KDN seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA). Projek ini merupakan projek terbengkalai yang di tender semula. Kontraktor asal yang dilantik melaksanakan projek ini adalah Prodabena Sdn. Bhd. dengan nilai asal kontrak berjumlah RM53.51 juta. Projek ini telah di tender semula dengan kaedah konvensional melalui tender terhad dengan nilai RM41.67 juta. Kontraktor yang berjaya adalah Takdir Permai (M) Sdn. Bhd., di mana tempoh pelaksanaan kontrak adalah dari 15 Julai 2010 hingga 15 Oktober 2011. Pegawai Penguasa bagi projek ini ialah Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Kedah manakala wakil Pegawai Penguasa ialah Jurutera Daerah, JKR Langkawi.

58.2. Pengauditan ini dijalankan bagi menilai sama ada projek pembinaan Kompleks Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Langkawi, Kedah telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif pembinaan yang ditetapkan. Semakan terhadap rekod dan dokumen telah dibuat di Pejabat Cawangan Kerja Keselamatan; Pejabat JKR Negeri Kedah; Pejabat JKR Langkawi dan Pejabat Jabatan Pelanggan iaitu KDN di Putrajaya. Selain itu, lawatan ke lokasi projek dan temu bual dengan pegawai berkaitan juga telah diadakan. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2011 mendapati secara keseluruhannya pembinaan projek adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah kelewatan dalam menyiapkan projek; kegagalan pematuhan terhadap pentadbiran kontrak serta terdapat isu ketidaksesuaian pembinaan seperti berikut:

58.2.1. Mengikut syarat kontrak, kontraktor asal perlu menyiapkan projek ini pada 30 Ogos 2009. Bagaimanapun, Prodabena Sdn. Bhd. gagal menyiapkan projek ini dan telah ditamatkan pengambilan kerja pada 2 Mac 2010, di mana peratusan kemajuan kerja pada tarikh tersebut adalah hanya 16%. Kontraktor penyelamat yang dilantik pula iaitu Takdir Permai (M) Sdn. Bhd. perlu menyiapkan baki kerja pada 15 Oktober 2011. Namun, kemajuan kerja sebenar pada bulan Oktober 2011 adalah hanya 67%. Kontraktor tersebut telah diluluskan lanjutan masa selama 210 hari iaitu sehingga 12 Mei 2012. Antara faktor utama lanjutan masa diberi adalah disebabkan oleh perubahan susun atur dalam bangunan pentadbiran dan kelewatan mendapatkan kelulusan bahan.

58.2.2. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, sekiranya lanjutan masa diluluskan, tempoh jaminan bank perlu dilanjutkan selaras dengan tempoh lanjutan masa. Sekiranya pihak kontraktor gagal melaksanakan kerja, bayaran pendahuluan yang belum dibayar balik hendaklah dituntut daripada bank yang mengeluarkan jaminan tersebut. Semakan Audit mendapati kontraktor asal projek ini telah diberi bayaran pendahuluan sejumlah RM9.14 juta. Bagaimanapun, JKR hanya dapat mengutip balik bayaran pendahuluan berjumlah RM1.18 juta dan bakinya berjumlah RM7.96 juta tidak dapat dituntut disebabkan oleh kegagalan kontraktor melanjutkan tempoh sah laku jaminan bank bagi bayaran pendahuluan selepas lanjutan masa diluluskan serta kelewatan Pegawai Penguasa mengemukakan tuntutan baki bayaran pendahuluan daripada pihak bank.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Lanjutan daripada isu tersebut, pemantauan terhadap bayaran pendahuluan telah dijadikan agenda tetap di dalam setiap mesyuarat tapak bagi kesemua projek JKR Kedah.

58.2.3. Garis Panduan Untuk Urusan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor menetapkan sekiranya kontraktor melakukan kemungkiran sepertimana syarat kontrak, surat

amaran perlu dikeluarkan dan disusul dengan pengeluaran Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor sekiranya kemungkiran berlarutan atau berulang. Jika kemungkiran masih berlaku, kontrak akan ditamatkan melalui pengeluaran Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor dalam tempoh 14 hari atau tempoh yang munasabah dari tarikh pengeluaran Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor. Semakan Audit mendapati JKR telah mengeluarkan sebanyak 5 surat amaran kepada Prodabena Sdn. Bhd. antara bulan Mac hingga Mei 2009 untuk memperbaiki prestasi kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor tersebut di tapak bina kerja yang telah terhenti mulai 1 Mac 2009. Sungguhpun tiada sebarang kemajuan ditunjukkan di tapak bina, Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor hanya dikeluarkan pada 18 Januari 2010 iaitu 8 bulan selepas surat amaran terhadap kemungkiran kontraktor dikeluarkan. Manakala Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor telah dikeluarkan oleh JKR pada 2 Mac 2010 iaitu 2 bulan selepas Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor dikeluarkan.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor lewat dikemukakan kepada pihak kontraktor kerana pihak kontraktor pada asalnya telah membuat rayuan dan berjanji dengan pihak pengurusan JKR untuk meneruskan kerja pembinaan dengan lebih agresif.

58.2.4. Mengikut Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya, Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor hendaklah dibuat sebaik sahaja kontraktor baru dilantik. Semakan Audit mendapati sungguhpun pelantikan kontraktor penyelamat telah dibuat pada 21 Jun 2010, namun Perakuan Muktamad bagi penamatan kerja kontraktor hanya diluluskan pada 22 Mac 2011 iaitu 9 bulan selepas pelantikan kontraktor penyelamat. Kelewatan ini adalah disebabkan oleh kelewatan kelulusan bagi beberapa maklumat yang diperlukan, antaranya Arahan Perubahan Kerja (APK) dan Pelarasan Harga Kontrak (PHK).

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Kelewatan menyediakan Perakuan Muktamad Kontrak adalah disebabkan kegagalan kontraktor menyediakan 'as built drawing' dan tugas tersebut terpaksa dilaksanakan oleh pihak perunding sivil dan struktur. Perunding tersebut mengambil masa yang agak lama untuk proses pengumpulan maklumat. Selain itu, kelewatan juga berlaku disebabkan kesukaran untuk mendapatkan maklum balas dari pihak kontraktor.

58.2.5. Jumlah bayaran yang perlu dibayar oleh Prodabena Sdn. Bhd. berdasarkan kepada Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor adalah sejumlah RM19.76 juta. Bagaimanapun, semakan Audit dengan pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia mendapati bahawa Prodabena Sdn. Bhd. sedang dalam proses pembubaran.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

JKR telah mengemukakan borang bukti hutang kepada Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan pada 2 Februari 2012.

58.2.6. Berdasarkan Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya, Pegawai Penguasa perlulah meluluskan lanjutan masa sebelum berakhirnya tarikh penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak. Semakan Audit mendapati kontraktor telah mengemukakan permohonan lanjutan masa 2 bulan sebelum tamat tarikh penyiapan projek. Bagaimanapun, proses bagi meluluskan permohonan lanjutan masa daripada kontraktor mengambil masa yang lama di

mana Jawatankuasa Lanjutan Masa hanya meluluskan permohonan tersebut pada 31 Oktober 2011 iaitu 16 hari selepas tamat tempoh kontrak pada 15 Oktober 2011.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Kelewatan tersebut adalah disebabkan oleh kegagalan pihak kontraktor mengemukakan permohonan lanjutan masa berserta dokumen sokongan yang lengkap.

58.2.7. Bayaran Interim hendaklah dilaksanakan berdasarkan kepada syarat kontrak iaitu pada setiap bulan mengikut penilaian oleh Pegawai Pengesyor dan diperakukan oleh Pegawai Penguasa menggunakan Sijil Perakuan Bayaran (JKR66-Pind.1/99). Mengikut syarat kontrak dengan Prodabena Sdn. Bhd., bayaran interim hendaklah dibuat kepada kontraktor tersebut dalam tempoh 14 hari selepas Perakuan dikeluarkan. Manakala mengikut syarat kontrak dengan Takdir Permai (M) Sdn. Bhd., bayaran interim hendaklah dibuat kepada kontraktor tersebut dalam tempoh 30 hari selepas Perakuan dikeluarkan. Semakan Audit mendapati berlaku kelewatan dalam membuat bayaran interim iaitu antara 12 hingga 84 hari.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Berdasarkan maklum balas daripada pihak JKR Kedah, punca kelewatan proses pembayaran kepada Prodabena Sdn. Bhd. adalah disebabkan oleh peruntukan lewat diterima. Manakala antara punca kelewatan proses pembayaran kepada Takdir Permai (M) Sdn. Bhd. adalah faktor lokasi pejabat perunding ukur bahan berjauhan dengan Ibu Pejabat JKR Kedah dan JKR Langkawi. Bagaimanapun, tindakan susulan bagi mempercepatkan proses pembayaran kepada kontraktor telah pun diambil bagi memastikan kelewatan tidak berlaku selaras dengan surat KPKR Bil. 9/2011 bertarikh 7 September 2011.

58.2.8. Bilik lokap dibina bertujuan untuk menempatkan tahanan dan perlu mempunyai ciri-ciri reka bentuk keselamatan yang bersesuaian. Semakan Audit mendapati saiz tingkap bilik lokap yang dibina adalah luas iaitu berukuran 240cm x 60cm. Isu saiz tingkap bilik lokap ini juga telah dibangkitkan oleh Inspektorat Keselamatan Fizikal dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri semasa lawatan fizikalnya pada 23 November 2011. Sehubungan itu, JKR telah disyorkan supaya menjalankan tindakan penutupan sepenuhnya tingkap bilik lokap dengan batu bata dan simen serta *ventilation fan* dipasang di bilik tersebut bagi tujuan pengudaraan.

GAMBAR 58.1



Bilik Lokap, Bangunan Utama
- Ruang Tingkap Bilik Lokap Yang Luas
(29.11.2011)

GAMBAR 58.2



Bilik Lokap, Bangunan Utama
- Ruang Tingkap Bilik Lokap Telah Ditutup
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 22.05.2012)

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 15 Jun 2012.

Spesifikasi tingkap bilik lokap yang disediakan adalah berdasarkan lukisan arkitek dan reka bentuknya adalah berdasarkan reka bentuk lokap yang lazim digunakan untuk balai polis di Malaysia. Saiz dan kedudukan tingkap tersebut juga telah mengambil kira input pelanggan, keperluan pencahayaan dan pengudaraan semula jadi. Berdasarkan syor Inspektorat Jabatan Keselamatan Negara, tindakan penutupan tingkap jeriji sepenuhnya dengan bata dan simen dan pemasangan kipas lawas (exhaust fan) telah selesai dibuat pada 25 Mac 2012.

58.3. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

58.3.1. JKR hendaklah memastikan bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran kontrak perlu diberi perhatian serius supaya tidak menjejaskan kelancaran projek.

58.3.2. JKR hendaklah mengambil tindakan disiplin terhadap pegawai yang cuai atas kegagalan menuntut balik baki wang pendahuluan dalam tempoh sah laku jaminan bank kerana menyebabkan kehilangan wang awam.

58.3.3. JKR perlu mengeluarkan Perakuan Muktamad Kontrak dengan segera supaya tuntutan kerugian Kerajaan daripada Prodabena Sdn. Bhd. boleh dibuat dengan lebih awal.

58.3.4. Kementerian Dalam Negeri, iaitu Jabatan Pelanggan hendaklah merujuk kepada Pegawai Keselamatan Kerajaan terlebih dahulu bagi mendapatkan nasihat dalam urusan reka bentuk keselamatan sebelum mengarahkan agensi pelaksana melaksanakan projek.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 464-466 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

59. KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Jabatan Imigresen Malaysia

- ***Pengurusan Aktiviti Pengeluaran Pasport***

59.1. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) merupakan sebuah Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan kepada warganegara Malaysia, penduduk tetap dan warga asing yang berkunjung ke Malaysia. Antara fungsi utama JIM adalah menguatkuasakan Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155), Peraturan Imigresen 1963 dan Akta Pasport 1966.

59.2. Pasport adalah dokumen perjalanan yang sah yang dikeluarkan kepada warganegara bagi maksud perjalanan ke negara yang dibenarkan kecuali mendapat kelulusan khas bagi negara terlarang. Pemilikan pasport dan dokumen perjalanan adalah hak milik Kerajaan Malaysia dan boleh ditarik balik pada bila-bila masa sekiranya JIM berpuas hati dengan sebab-sebab yang munasabah.

59.3. Pengurusan aktiviti pengeluaran pasport meliputi proses permohonan, pengeluaran dan penyerahan pasport. Setelah permohonan disemak dan diluluskan, pemohon membuat bayaran dan buku pasport diproses di dalam bilik proses. Tempoh proses yang diambil bagi setiap permohonan pasport ialah satu jam selepas pembayaran dibuat.

59.4. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati secara keseluruhannya pengurusan aktiviti pengeluaran pasport (PMA) di JIM adalah memuaskan. Semakan Audit mendapati JIM telah mengambil beberapa tindakan penambahbaikan untuk mentransformasikan JIM ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Di antara usaha yang diambil ialah Projek 1 Jam 1 Pasport untuk memendekkan proses bagi pengeluaran pasport kepada satu jam mulai tahun 2010. Bagaimanapun, masih berlaku kerosakan pasport berpunca daripada masalah teknikal serta cetakan di bawah kapasiti sepatutnya. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang ditemui serta maklum balas adalah seperti berikut:

59.4.1. Pemeriksaan Audit di pejabat JIM yang dilawati mendapati pasport yang rosak berpunca daripada masalah teknikal seperti pasport yang tersangkut semasa percetakan, masalah tetapan pada mesin dan masalah kecacatan semasa mencetak pasport tidak akan diganti/ditanggung oleh pembekal. Kos untuk mengeluarkan senaskhah PMA adalah RM83.75 (RM59.25 senaskhah untuk PMA dan RM24.50 senaskhah untuk *Holographic Security Laminate).* Analisis yang dilakukan oleh pihak Audit di pejabat JIM yang dilawati mendapati bagi tempoh tahun 2009 hingga bulan Ogos 2011 anggaran kos kerosakan pasport berpunca daripada masalah teknikal berjumlah RM3.95 juta (47,114 x RM83.75).

Maklum Balas Jabatan Imigresen Malaysia Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Kontrak pembekalan bahan habis guna ini telah tamat pada 19 Mac 2012 setelah syarikat menghantar bekalan terakhir. Syarikat telah bersetuju untuk menggantikan bahan habis guna bagi 101,123 naskhah pasport yang rosak bernilai RM2,477,514. Penggantian tersebut adalah untuk keseluruhan jumlah kerosakan pasport bagi tahun 2009 dan 50% daripada jumlah kerosakan pasport bagi tahun 2007 dan 2008. Selain itu, rekod JIM menunjukkan penurunan dari segi peratusan kerosakan pasport bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 iaitu daripada 48,207 naskhah (3.5%) pada tahun 2009 kepada 27,826 (1.3%) pada tahun 2011.

59.4.2. Mulai 1 Julai 2006, *Holographic Security Laminate (HSL)* digunakan untuk meningkatkan ciri-ciri keselamatan pada PMA. Gambar dan maklumat pemegang pasport akan dilaminat pada permukaan muka surat biodata. *HSL* yang mengandungi hologram jenis *crystogram* akan rosak sekiranya ada percubaan untuk menukar gambar mengakibatkan PMA tersebut tidak boleh digunakan lagi. JIM telah menandatangani 2 kontrak pembekalan HSL. Kajian yang dijalankan oleh JIM Perak dari 24 Disember 2010 hingga 11 Julai 2011 terhadap *HSL* yang dipasang pada 2 mesin pencetak mendapati secara puratanya, setiap gulung yang sepatutnya boleh mencetak sebanyak 500 naskhah pasport hanya boleh mencetak sebanyak 484 naskhah dan 489 naskhah. Selain itu, pemeriksaan Audit yang dijalankan di Bahagian Keselamatan Dan Pasport Ibu Pejabat JIM Putrajaya mendapati satu daripada 5 gulung HSL yang dikira hanya boleh dicetak 488 naskhah. Bagaimanapun, pembekal tidak akan membayar ganti rugi ke atas kekurangan naskhah laminat tersebut kerana tiada klausa di dalam kontrak yang menyentuh perkara tersebut.

Maklum Balas Jabatan Imigresen Malaysia Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

JIM akan menjalankan analisis terperinci untuk mengenal pasti jumlah sebenar Holographic Security Laminate yang telah dibekalkan. Tuntutan semula kepada pihak syarikat akan dikemukakan sekiranya terdapat kekurangan unit laminat yang dibekalkan. Selain itu, Bahagian Pasport telah mengeluarkan arahan kepada semua Pejabat Pasport supaya menyelenggara satu daftar bagi merekodkan penggunaan laminat bagi mengenal pasti jumlah unit sebenar yang terdapat dalam setiap gulung. Setiap Pejabat Pasport juga dikehendaki mengemukakan laporan pada setiap bulan mengenai penggunaan laminat termasuk jumlah sisihan jika ada. Selain itu, dalam proses tender baru untuk pasport iaitu penukaran penggunaan laminat kepada polycarbornate, kos yang akan dikenakan oleh pihak pembekal adalah berdasarkan bilangan pasport yang dikeluarkan.

59.5. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan aktiviti pengeluaran pasport, adalah disyorkan supaya pihak JIM melaksanakan perkara berikut:

59.5.1. Berunding dengan pembekal untuk mendapatkan ganti rugi akibat daripada kerosakan pasport pada tahun 2010 dan 2011 yang juga berpunca daripada masalah teknikal.

59.5.2. Menjalankan analisis terperinci berkenaan kekurangan jumlah *Holographic Security Laminate* yang dibekalkan bagi setiap gulung. Sekiranya berlaku kekurangan unit yang dibekalkan, tuntutan kepada pembekal seharusnya dilakukan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 467-468
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

60. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar adalah dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan atau negeri atau Agensi Kerajaan. Satu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2009 telah diwartakan pada 17 Disember 2009 bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Setakat tarikh pengauditan pada bulan Mei 2012, sejumlah RM30.6 bilion telah dilaburkan dalam 58 syarikat di mana Kerajaan Persekutuan memegang lebih daripada 50% ekuitinya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 60.1
PEGANGAN EKUITI KERAJAAN PERSEKUTUAN DALAM SYARIKAT YANG MELEBIHI 50%

SEKTOR	BIL. SYARIKAT	PEGANGAN EKUITI	
		(RM Juta)	(%)
Ekonomi	22	13,461.39	52 - 100
Sosial	10	2,437.02	91 - 100
Teknologi	14	8,331.66	74 - 100
Infrastruktur	12	6,370.35	100
JUMLAH	**58**	**30,600.42**	

JADUAL 60.2
SYARIKAT YANG MANA KERAJAAN MEMPUNYAI LEBIH DARIPADA 50% PEGANGAN EKUITI MENGIKUT SEKTOR

SEKTOR EKONOMI	SEKTOR SOSIAL
Amanah Raya Berhad	Dataran Perdana Sdn. Bhd.
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.
Agrobank	Institut Jantung Negara Sdn. Bhd.
Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad	JKP Sdn. Bhd.
Export-Import Bank of Malaysia Berhad	Pembinaan BLT Sdn. Bhd.
FELCRA Berhad	Syarikat Perumahan Negara Berhad
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad
Malaysia Debt Ventures Berhad	Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.
Malaysian Kuwaiti Investment Corporation Sdn. Bhd.	Sarawak Hidro Sdn. Bhd.
Malaysia Venture Capital Management Berhad	Pengurusan Aset Air Berhad
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	Sepang International Circuit Sdn. Bhd.
Perbadanan Nasional Berhad	
Petroliam Nasional Berhad	
Prokhas Sdn. Bhd.	
Syarikat Tanah Dan Harta Sdn. Bhd.	
UDA Holdings Berhad	
Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd.	
Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Bhd.	
Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad	
1Malaysia Development Berhad	
Malaysia Development Holdings Berhad	

SEKTOR TEKNOLOGI	SEKTOR INFRASTRUKTUR
Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd.	Assets Global Network Sdn. Bhd. (SPV)
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	Keretapi Tanah Melayu Berhad
Cyberview Sdn. Bhd.	K.L. International Airport Berhad (SPV)
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	Penang Port Holdings Berhad (DORMANT)
Khazanah Nasional Berhad	Penang Port Sdn. Bhd.
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	Syarikat Prasarana Negara Berhad
MIMOS Berhad	Jambatan Kedua Sdn. Bhd.
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	Pembinaan PFI Sdn. Bhd. (SPV)
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	NECC Sdn. Bhd.
SIRIM Berhad	Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	
Jaring Communications Sdn. Bhd.	
GovCo Holdings Berhad	
Piramid Pertama Sdn. Bhd.	

61. PRESTASI KEWANGAN SYARIKAT SECARA KESELURUHAN

61.1. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai tahap prestasi kewangan syarikat dan menentukan sama ada pelaburan Kerajaan dalam syarikat tersebut diuruskan dengan teratur dan selaras dengan objektif yang ditetapkan. Pengauditan ini juga untuk menentukan sama ada pemantauan pengurusan syarikat oleh Bahagian Pelaburan, Menteri Kewangan Diperbadankan Dan Penswastaan (MKD), Kementerian Kewangan adalah cekap dan berkesan.

61.2. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan syarikat secara keseluruhan dan pengawasan terhadap syarikat Kerajaan oleh MKD. Analisis kewangan dijalankan terhadap 47 syarikat di mana pegangan ekuiti Kerajaan Persekutuan melebihi 50 peratus. Analisis data kewangan telah dijalankan berdasarkan data yang diperolehi daripada penyata kewangan yang diaudit bagi tempoh tahun kewangan 2008 hingga 2010. Baki 11 syarikat lagi tidak mempunyai maklumat yang mencukupi untuk membolehkan pihak Audit membuat analisis perbandingan 3 tahun berturut-turut terhadap prestasi kewangan secara tahunan kerana syarikat baru ditubuhkan/diambil alih oleh MKD.

61.3. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail serta menjalankan analisis kewangan berkaitan kedudukan kewangan dan pelaburan Kerajaan dalam 47 syarikat dengan pegangan ekuiti melebihi 50% di Bahagian MKD, Kementerian Kewangan.

61.4. PENEMUAN AUDIT

Semakan dan analisis Audit terhadap data kewangan bagi 47 syarikat berdasarkan penyata kewangan yang diaudit mendapati perkara seperti berikut:

61.4.1. Pendapatan Syarikat

61.4.1.1. Adalah didapati pendapatan syarikat bagi tahun 2010 menurun sejumlah RM39.788 bilion (13.4%) menjadi RM258.010 bilion berbanding RM297.798 bilion pada tahun 2009. Jumlah pendapatan syarikat tahun 2009 dan 2010 mengikut sektor adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.1
PENDAPATAN SYARIKAT KERAJAAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2009 DAN 2010 MENGIKUT SEKTOR

SEKTOR	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
			(RM Juta)	(%)
Ekonomi	268,588.55	221,179.91	(47,408.64)	(17.7)
Teknologi	26,336.45	31,566.39	5,229.94	19.9
Sosial	1,852.91	3,982.93	2,130.02	115.0
Infrastruktur	1,020.08	1,280.99	260.91	25.6
JUMLAH	**297,797.99**	**258,010.22**	**(39,787.77)**	**(13.4)**

61.4.1.2. Analisis Audit mendapati pendapatan 14 (29.8%) syarikat telah meningkat bagi 3 tahun berturut-turut. Jumlah pendapatan yang diperolehi oleh syarikat ini adalah RM1.941 bilion pada tahun 2008 dan telah meningkat kepada RM2.661 bilion pada tahun 2009 dan RM5.263 bilion pada tahun 2010. Manakala pendapatan bagi 4 (8.5%) syarikat pula mengalami penurunan bagi 3 tahun berturut-turut di mana jumlah pendapatannya berjumlah RM0.460 bilion pada tahun 2008, telah menurun kepada RM0.424 bilion pada tahun 2009 dan RM0.316 bilion pada tahun 2010. Kedudukan pendapatan bagi syarikat berkenaan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.2
SYARIKAT YANG MEMPEROLEHI PENINGKATAN/PENURUNAN PENDAPATAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010


SYARIKAT	TAHUN		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MEMPEROLEHI PENINGKATAN PENDAPATAN			
SEKTOR EKONOMI			
UDA Holdings Berhad	313.27	319.20	488.59
Amanah Raya Berhad	224.93	306.26	380.77
Malaysia Debt Ventures Berhad	71.30	74.69	73.91
SEKTOR SOSIAL			
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	153.33	321.89	1,902.29
Syarikat Perumahan Negara Berhad	403.09	465.17	730.83
Pengurusan Aset Air Berhad	10.97**	168.93*	420.56
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	9.12	11.89	12.06
SEKTOR TEKNOLOGI			
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	204.19	221.13	253.42
SIRIM Berhad	199.23	224.59	251.91
Jaring Communications Sdn. Bhd.	115.25	124.54	128.37
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	99.41	107.09	108.51
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	36.96	44.56	45.41
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	0.05	1.26	2.40
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Syarikat Prasarana Negara Berhad	99.98	269.41	463.60
JUMLAH	**1,941.08**	**2,660.61**	**5,262.63**
SYARIKAT YANG MENGALAMI PENURUNAN PENDAPATAN			
SEKTOR EKONOMI			
Export - Import Bank Of Malaysia Berhad	223.31	212.32	134.55
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	137.30	122.11	96.98
SEKTOR SOSIAL			
Sepang International Circuit Sdn. Bhd.	78.12	73.45	71.54
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	20.78	16.41	12.57
JUMLAH	**459.51**	**424.29**	**315.64**

Nota: ***(*) - Restated***
(**) - Pendapatan Adalah Daripada Lain-Lain Pendapatan

61.4.2. Keuntungan Sebelum Cukai

61.4.2.1. Pada tahun 2010, sebanyak 34 (72.3%) daripada 47 syarikat telah memperolehi keuntungan sebelum cukai berjumlah RM76.487 bilion seperti di **Carta 61.1**. Manakala 13 (27.7%) syarikat yang lain mengalami kerugian berjumlah RM1.707 bilion. Ini bermakna jumlah keuntungan sebelum cukai secara keseluruhannya adalah berjumlah RM74.780 bilion. Jumlah ini menunjukkan penurunan sejumlah RM17.593 bilion berbanding keuntungan sebelum cukai berjumlah RM92.373 bilion secara keseluruhan pada tahun 2009.

CARTA 61.1
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI SYARIKAT KERAJAAN BAGI TAHUN 2010



61.4.2.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 sektor ekonomi telah mencatat keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut. Manakala sektor infrastruktur telah mengalami kerugian bagi 3 tahun berturut-turut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.3
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI SYARIKAT KERAJAAN
MENGIKUT SEKTOR BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

SEKTOR	TAHUN		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Ekonomi	96,916.30	89,692.47	67,783.27
Sosial	(138.53)	(87.77)	452.17
Teknologi	(352.13)	3,258.78	7,613.27
Infrastruktur	(305.73)	(490.10)	(1,068.29)
JUMLAH	**96,119.91**	**92,373.38**	**74,780.42**

61.4.2.3. Adalah didapati 23 (48.9%) syarikat telah memperolehi keuntungan sebelum cukai untuk tempoh 3 tahun berturut-turut berjumlah RM255.834 bilion. Manakala 9 (19.1%) syarikat mengalami kerugian bagi tempoh 3 tahun berturut-turut berjumlah RM2.446 bilion. Syarikat yang memperolehi keuntungan atau mengalami kerugian bagi 3 tahun berturut-turut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.4
SYARIKAT YANG MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN/MENGALAMI KERUGIAN SEBELUM CUKAI 3 TAHUN BERTURUT-TURUT BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

SYARIKAT	TAHUN		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI			
SEKTOR EKONOMI			
Petroliam Nasional Berhad	95,547.00	89,139.00	67,300.00
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	949.00	339.46	549.09
FELCRA Berhad	147.61	53.19	126.90
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	107.41	44.27	98.92
Malaysian Kuwaiti Investment Corporation Sdn. Bhd.	64.31	64.12	39.49
UDA Holdings Berhad	46.19	4.30	37.72
Prokhas Sdn. Bhd.	32.05	14.50	15.87
Amanah Raya Berhad	72.33	24.02	10.15
Syarikat Tanah Dan Harta Sdn. Bhd.	0.03	0.01	0.01
SEKTOR SOSIAL			
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	2.14	1.30	450.65
Pengurusan Aset Air Berhad	3.55	46.17	70.78
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	8.67	2.27	20.41
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	5.21	8.82	7.16
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	0.88	0.55	3.65
SEKTOR TEKNOLOGI			
Cyberview Sdn. Bhd.	35.80	79.33	32.78
SIRIM Berhad	13.12	11.74	20.81
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	27.04	42.42	20.12
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	10.45	10.81	9.47
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	0.27	1.78	6.26
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	0.53	4.25	4.08
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Penang Port Sdn. Bhd.	5.49*	6.36	11.11
K.L International Airport Berhad	2.51	5.10	4.25
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	4.08	3.08	1.78
JUMLAH	**97,085.67**	**89,906.85**	**68,841.46**
JUMLAH BESAR			**255,833.98**
SYARIKAT YANG MENGALAMI KERUGIAN SEBELUM CUKAI			
SEKTOR EKONOMI			
Halal Industry Development Sdn. Bhd.	(13.80)	(14.57)	(20.50)
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	(14.12)	(21.10)	(25.28)
SEKTOR SOSIAL			
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	(131.37)	(33.35)	(168.57)
SEKTOR TEKNOLOGI			
Jaring Communications Sdn. Bhd.	(10.95)	(9.38)	(8.97)
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	(12.86)	(17.63)	(35.15)
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	(1.16)	(3.88)	(9.41)
Assets Global Network Sdn. Bhd.	(17.11)	(41.05)	(13.13)
Keretapi Tanah Melayu Berhad	(84.58)	(92.59)	(372.01)
Syarikat Prasarana Negara Berhad	(214.96)	(367.12)	(690.90)
JUMLAH	**(500.91)**	**(600.67)**	**(1,343.92)**
JUMLAH BESAR			**(2,445.50)**

Nota: (*) - Restated

61.4.3. Pegangan Aset

61.4.3.1. Aset yang dipegang oleh syarikat merupakan aset tetap dan aset semasa yang terdiri daripada hartanah dan peralatan, pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu, inventori, penghutang, tunai dan simpanan tetap. Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan pegangan aset bagi 3 tahun berturut-turut daripada tahun 2008 yang berjumlah RM553.146 bilion kepada RM627.245 bilion pada tahun 2009 dan RM666.932 bilion pada tahun 2010. Pada tahun 2010, sejumlah RM461.207 bilion (69.2%) daripada jumlah aset tersebut adalah dimiliki oleh syarikat di bawah sektor ekonomi. Petroliam Nasional Berhad adalah merupakan syarikat Kerajaan yang mempunyai aset terbesar iaitu RM410.885 bilion. Pegangan aset syarikat mengikut sektor adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.5
PEGANGAN ASET SYARIKAT KERAJAAN MENGIKUT SEKTOR
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

SEKTOR	TAHUN		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Ekonomi	382,467.19	436,860.00	461,206.80
Sosial	14,290.46	19,623.18	21,757.13
Teknologi	124,006.13	131,883.01	141,676.99
Infrastruktur	32,382.00	38,878.31	42,291.36
JUMLAH	**553,145.78**	**627,244.52**	**666,932.28**

61.4.3.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati 18 (38.3%) syarikat telah menunjukkan peningkatan pegangan aset untuk 3 tahun berturut-turut manakala 9 (19.1%) syarikat mengalami penurunan secara berterusan bagi tempoh yang sama. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.6
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/PENURUNAN
PEGANGAN ASET BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

SYARIKAT	TAHUN		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN PEGANGAN ASET			
SEKTOR EKONOMI			
Petroliam Nasional Berhad	339,273.00	389,787.00*	410,885.00
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	25,634.80	27,488.00	30,030.92
FELCRA Berhad	3,519.34	3,738.21	4,136.41
Amanah Raya Berhad	1,601.32	1,791.78	2,097.53
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	500.61	694.50	766.60
Prokhas Sdn. Bhd.	110.99	126.13	133.78
Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad	50.74	101.65	104.55
SEKTOR SOSIAL			
Pengurusan Aset Air Berhad	2,476.05	7,178.45*	7,616.52
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	5,567.38	5,891.71	6,569.86
Syarikat Perumahan Negara Berhad	2,618.82	3,371.50*	3,638.22
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	48.58	63.38	77.06
SEKTOR TEKNOLOGI			
Khazanah Nasional Berhad	116,264.51	121,352.49	237,617.00
Cyberview Sdn. Bhd.	3,267.14	3,640.18	3,902.70
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	351.89	620.81	642.78
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	201.36	401.07	404.77

SYARIKAT	TAHUN		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	6,203.41	13,265.06	16,983.25
Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	20.03	1,006.29	1,949.29
Penang Port Sdn. Bhd.	1,107.32	1,544.64	1,850.07
JUMLAH	**508,817.36**	**582,062.85**	**729,406.31**
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN PEGANGAN ASET			
SEKTOR EKONOMI			
Halal Industry Development Sdn. Bhd.	75.30	57.62	40.50
Syarikat Tanah Dan Harta Sdn. Bhd.	0.09	0.08	0.07
SEKTOR SOSIAL			
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	205.50	166.21	163.22
SEKTOR TEKNOLOGI			
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	752.38	742.65	736.60
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	389.83	359.67	315.92
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	233.42	224.71	201.50
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
K.L International Airport Berhad	11,657.83	7,989.48	7,420.68
Assets Global Network Sdn. Bhd.	887.93	846.88	839.23
Keretapi Tanah Melayu Berhad	1,206.91	983.04	717.97
JUMLAH	**15,409.19**	**11,370.34**	**10,435.69**

Nota: (*) - Restated

61.4.4. Liabiliti Syarikat

61.4.4.1. Liabiliti semasa dan liabiliti jangka panjang syarikat Kerajaan antaranya terdiri daripada overdraf, pemiutang, deposit, pendahuluan dan pinjaman. Adalah didapati liabiliti bagi syarikat Kerajaan secara keseluruhannya menunjukkan peningkatan sejumlah RM25.758 bilion (8.1%) menjadi RM342.611 bilion pada tahun 2010 berbanding RM316.853 bilion pada tahun 2009. Pada tahun 2010, syarikat Kerajaan di bawah sektor ekonomi mempunyai liabiliti tertinggi berjumlah RM177.540 bilion dan diikuti syarikat di bawah sektor teknologi yang mana jumlah liabilitinya adalah RM100.145 bilion. Liabiliti syarikat mengikut sektor adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.7
LIABILITI SYARIKAT KERAJAAN MENGIKUT SEKTOR
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

SEKTOR	TAHUN		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Ekonomi	142,974.77	163,461.73	177,539.92
Sosial	17,247.50	23,048.09	25,043.22
Teknologi	90,996.24	94,889.63	100,145.07
Infrastruktur	28,572.31	35,453.38	39,882.82
JUMLAH	**279,790.82**	**316,852.83**	**342,611.03**

61.4.4.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati liabiliti bagi 18 (38.3%) syarikat telah meningkat 3 tahun berturut-turut. Sebaliknya 6 (12.8%) syarikat menunjukkan penurunan liabiliti. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.8
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/PENURUNAN LIABILITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

SYARIKAT	TAHUN		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN LIABILITI			
SEKTOR EKONOMI			
Petroliam Nasional Berhad	114,971.00*	132,698.00*	143,011.00
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	18,368.19	19,912.96	22,784.71
FELCRA Berhad	2,530.11	2,746.74	3,064.39
Export – Import Bank Of Malaysia Berhad	2,680.16	2,838.83	3,015.85
Amanah Raya Berhad	1,334.85	1,505.64	1,831.92
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	313.75	525.76	616.74
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	67.62	103.14	177.36
Perbadanan Nasional Berhad	44.63	59.62	109.75
Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad	0.79	1.21	1.47
SEKTOR SOSIAL			
Pengurusan Aset Air Berhad	2,064.92	6,719.91	7,103.25
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	5,463.79	5,787.14	6,013.02
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	1,747.84	1,856.49	1,972.67
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	12.38	19.00	26.72
SEKTOR TEKNOLOGI			
Cyberview Sdn. Bhd.	2,378.16	2,682.25	2,946.78
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	6,158.12	13,216.69	16,963.10
Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	21.20	961.34	1,852.34
Penang Port Sdn. Bhd.	706.70	1,097.17	1,379.46
Assets Global Network Sdn. Bhd.	1,032.95	1,032.95	1,038.38
JUMLAH	**159,897.16**	**193,764.84**	**213,908.91**
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN LIABILITI			
SEKTOR EKONOMI			
Malaysian Kuwaiti Investment Corporation Sdn. Bhd.	26.98	20.06	16.34
SEKTOR SOSIAL			
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	74.41	34.38	22.41
SEKTOR TEKNOLOGI			
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	654.99	639.10	619.92
Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd.	14.67	12.99	8.42
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	5,342.67	3.53	3.48
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
K.L International Airport Berhad	11,280.47	7,606.18*	7,033.13
JUMLAH	**17,394.19**	**8,316.24**	**7,703.70**

61.4.4.3. Sejumlah besar daripada liabiliti jangka panjang syarikat adalah merupakan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Analisis Audit mendapati dalam tempoh tahun 2008 hingga 2010, sebanyak 17 (36.2%) daripada 47 syarikat mempunyai pinjaman yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan. Baki pinjaman yang melibatkan 17 syarikat itu pada akhir tahun 2010 adalah berjumlah RM13.163 bilion berbanding baki pada akhir tahun 2009 berjumlah RM11.975 bilion iaitu pertambahan sejumlah RM1.188 bilion. Adalah didapati 4 syarikat menunjukkan peningkatan baki pinjaman belum selesai pada tahun 2010 berbanding tahun 2009. Manakala 6 syarikat menunjukkan penurunan baki pinjaman pada tahun 2010 berbanding tahun 2009. Manakala baki pinjaman belum selesai bagi 6 syarikat tidak berubah dari tahun 2008

hingga 2010. Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. mempunyai baki pinjaman belum selesai tertinggi pada tahun 2010 iaitu RM3.479 bilion dan diikuti dengan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. yang berjumlah RM1.799 bilion. Kedudukan baki pinjaman syarikat yang belum selesai pada akhir tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.9
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN SYARIKAT YANG BELUM SELESAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

SYARIKAT	TAHUN		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
SEKTOR EKONOMI			
Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad	-	-	1,249.86
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	1,190.81	1,172.52	1,154.07
Malaysia Debt Ventures Berhad	1,225.54	1,225.54	1,027.08
FELCRA Berhad	548.25	603.54	666.12
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	418.00	524.00	614.52
UDA Holdings Berhad	285.42	285.42	285.42
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	190.00	237.50	197.50
SEKTOR SOSIAL			
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	1,575.76	1,686.07	1,799.36
Syarikat Perumahan Negara Berhad	223.40	223.40	223.40
JKP Sdn. Bhd.	25.39	22.69	22.69
SEKTOR TEKNOLOGI			
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd	4,588.80	3,529.48	3,479.48
Cyberview Sdn. Bhd.	576.68	624.34	644.35
Piramid Pertama Sdn Bhd	460.00	460.00	460.00
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	382.75	392.10	392.10
MIMOS Berhad	76.00	76.00	36.50
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	14.43	31.43	30.00
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Keretapi Tanah Melayu Berhad	880.50	880.50	880.50
JUMLAH	**12,661.73**	**11,974.53**	**13,162.95**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan

61.4.5. Dana Pemegang Saham

61.4.5.1. Dana Pemegang Saham adalah terdiri daripada modal yang dilaburkan oleh pemegang saham dan keuntungan/kerugian terkumpul syarikat. Prestasi sebuah syarikat dianggap baik sekiranya ia berjaya meningkatkan dana pemegang saham secara berterusan. Berdasarkan analisis, sebanyak 22 (46.8%) syarikat menunjukkan peningkatan dana pemegang saham bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 manakala 7 (14.9%) syarikat mengalami penurunan dana secara berterusan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.10
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/PENURUNAN DANA PEMEGANG SAHAM BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

SYARIKAT	TAHUN		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN DANA			
SEKTOR EKONOMI			
Petroliam Nasional Berhad	201,690.00*	232,083.00	242,902.00
FELCRA Berhad	979.30	979.86*	1,057.14

SYARIKAT	TAHUN		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
UDA Holdings Berhad	741.60	746.60	793.55
Malaysian Kuwaiti Investment Corporation Sdn. Bhd.	202.12	232.45	249.82
Prokhas Sdn. Bhd.	97.16	107.41	115.57
Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad	49.95	100.44	103.08
Syarikat Tanah Dan Harta Sdn. Bhd.	0.04	0.05	0.07
SEKTOR SOSIAL			
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	1,175.74	1,177.37	1,197.78
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	103.59	104.57	556.84
Pengurusan Aset Air Berhad	411.13	458.55*	513.27
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	156.60	192.64	198.67
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	131.10	131.83*	140.81
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	36.20	44.38	50.34
SEKTOR TEKNOLOGI			
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	(6.34)	96.11	267.04
SIRIM Berhad	264.97	271.92	279.39
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	69.25	120.58	147.19
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	97.39	103.55	116.68
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	39.63	68.91	72.95
Piramid Pertama Sdn. Bhd.	(731.29)	(723.31)	(717.38)
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Penang Port Sdn. Bhd.	380.19*	447.01	470.60
K.L International Airport Berhad	377.36	383.30*	387.56
Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	(1.16)	44.95	96.95
JUMLAH	**206,264.53**	**237,172.17**	**248,999.92**
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN DANA			
SEKTOR EKONOMI			
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	181.09	160.60	136.72
Halal Industry Development Sdn. Bhd.	71.75	57.18	36.68
Malaysia Development Holdings Berhad	0.06	0.00	(0.08)
Malaysia Debt Ventures Berhad	(81.22)	(102.66)	(160.87)
SEKTOR SOSIAL			
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	(587.14)	(620.25)	(788.82)
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Assets Global Network Sdn. Bhd.	(145.02)	(186.07)	(199.16)
Keretapi Tanah Melayu Sdn. Bhd.	(439.13)	(535.37)	(894.35)
JUMLAH	**(999.61)**	**(1,226.57)**	**(1,869.88)**

Nota: (*) - Restated

61.4.5.2. Analisis selanjutnya mendapati 5 (10.6%) syarikat telah mengalami ketidakcukupan dana pemegang saham bagi tempoh 3 tahun berturut-turut. Jumlah ketidakcukupan dana bagi syarikat yang terlibat telah meningkat daripada RM1.984 bilion pada tahun 2008 kepada RM2.168 bilion pada tahun 2009 dan RM2.761 bilion pada tahun 2010. Syarikat yang terlibat adalah Piramid Pertama Sdn. Bhd.; Malaysia Debt Ventures Berhad; Sepang International Circuit Sdn. Bhd.; Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.; Assets Global Network Sdn. Bhd. dan Keretapi Tanah Melayu Berhad.

61.4.6. Pulangan Ke Atas Ekuiti

61.4.6.1. Pulangan atas ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperolehi daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Adalah didapati 20 (42.6%) syarikat menunjukkan pulangan ke atas ekuiti yang positif 3 tahun berturut-turut,

manakala 12 (25.5%) lagi menunjukkan pulangan ke atas ekuiti yang negatif 3 tahun berturut-turut.

61.4.6.2. Bagi tahun 2010, adalah didapati syarikat Pembinaan BLT Sdn. Bhd. menunjukkan pulangan ke atas ekuiti yang tertinggi iaitu 81.2%, seterusnya Syarikat Perumahan Negara Berhad iaitu 56.0%. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.11
KEDUDUKAN PULANGAN KE ATAS EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

SYARIKAT	TAHUN		
	2008 (%)	2009 (%)	2010 (%)
SEKTOR EKONOMI			
Malaysia Development Holdings Berhad	(109.21)	(1,616.3)	(95.0)
Malaysia Debt Ventures Berhad	(23.6)	(20.9)	(36.2)
Syarikat Tanah Dan Harta Sdn. Bhd.	82.7	24.6	19.6
Petroliam Nasional Berhad	33.4	25.4	18.7
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	(18.1)	(62.5)	(14.0)
Malaysian Kuwaiti Investment Corporation Sdn. Bhd.	24.1	20.1	11.7
Prokhas Sdn. Bhd.	23.2	11.3	9.0
FELCRA Berhad	11.2	3.2	7.9
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	13.0	4.4	6.0
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	5.6	2.4	5.1
UDA Holdings Berhad	3.9	(0.9)	3.9
Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad	(0.1)	0.5	2.6
Perbadanan Nasional Berhad	(3.1)	2.1*	0.8
Amanah Raya Berhad	21.1	7.8	(1.9)
Export-Import Bank Of Malaysia Berhad	0.6	0.9*	(11.6)
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	(7.8)	(13.2)	(18.5)
Halal Industry Development Sdn. Bhd.	(19.2)	(25.5)	(55.9)
SEKTOR SOSIAL			
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	1.5	0.9	81.2
Syarikat Perumahan Negara Berhad	(67.4)	(50.5)*	56.0
Pengurusan Aset Air Berhad	0.6	10.3	13.8
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	14.1	19.6	13.6
IJN Holdings Sdn. Bhd.	5.7	(4.3)	4.7
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	1.1	0.1	1.9
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	0.5	0.1	1.7
JKP Sdn. Bhd.	1.2	(4.1)	0.2
Sepang International Circuit Sdn. Bhd.	(87.2)	(62.2)	(19.4)
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	(22.4)	(5.3)	(21.4)
SEKTOR TEKNOLOGI			
Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd.	2.3	(80.3)	38.6
MIMOS Berhad	(65.6)	(8.4)	33.0
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	9.5	9.2	6.9
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	(47.2)	19.5	6.7
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	1.3	6.2	5.6
Khazanah Nasional Berhad	(3.0)	4.7	17.2
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	(324.0)	35.0	4.9
Cyberview Sdn. Bhd.	4.0	8.3	3.3
SIRIM Berhad	2.2	2.9	3.1
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	6.3*	(56.1)	(0.2)
Piramid Pertama Sdn. Bhd.	(49.0)	(1.1)	(0.8)

SYARIKAT	TAHUN		
	2008 (%)	2009 (%)	2010 (%)
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	(9.7)	(10.8)	(26.8)
Jaring Communications Sdn. Bhd.	(37.9)	(49.1)	(31.7)
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	9.0	6.4	8.9
Assets Global Network Sdn. Bhd.	11.8	22.1	6.6
Penang Port Sdn. Bhd.	6.0*	17.2	6.1
K.L International Airport Berhad	2.0	1.1*	1.1
Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	100.0	(8.6)	(9.7)
Syarikat Prasarana Negara Berhad	(7.8)	(11.4)	(27.4)
Keretapi Tanah Melayu Berhad	(19.9)	(18.0)	(41.9)

Nota: (*) - Restated

61.4.7. Nisbah Hutang Ke Atas Ekuiti

Nisbah hutang ke atas ekuiti adalah perbandingan di antara hutang iaitu liabiliti jangka panjang syarikat dengan pegangan ekuiti syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin tinggi kebergantungan kepada hutang bagi menampung perbelanjaan syarikat. Adalah didapati pada tahun 2010, Pembinaan PFI Sdn. Bhd. dan Syarikat Perumahan Negara Berhad mempunyai nisbah hutang yang paling tinggi iaitu 841.85 dan 67.50 kali ini menunjukkan kebergantungan syarikat berkenaan kepada hutang bagi menanggung operasinya. Manakala 5 (10.6%) syarikat iaitu Malaysia Debt Ventures Berhad, Assets Global Network Sdn. Bhd., Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd., Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. dan Keretapi Tanah Melayu Berhad mempunyai nisbah hutang ke atas ekuiti negatif dalam tempoh 3 tahun berturut-turut. Ini menunjukkan syarikat tidak mempunyai dana pemegang saham yang mencukupi (insolvent) dan bergantung kepada hutang untuk menanggung keseluruhan perbelanjaan operasi/am/pentadbiran syarikat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.12
KEDUDUKAN NISBAH HUTANG KE ATAS EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

SYARIKAT	TAHUN		
	2008 (Kali)	2009 (Kali)	2010 (Kali)
SEKTOR EKONOMI			
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	1.40	3.11	2.10
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	1.45	1.23	1.42
Amanah Raya Berhad	0.94	1.12	1.23
FELCRA Berhad	1.11	1.24*	1.21
Export-Import Bank Of Malaysia Berhad	0.88	0.93	1.08
UDA Holdings Berhad	0.80	0.80	0.75
Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad	0.00	0.00	0.00
Petroliam Nasional Berhad	0.25*	0.27	0.32
Prokhas Sdn. Bhd.	0.04	0.04	0.04
Malaysian Kuwaiti Investment Corporation Sdn. Bhd.	0.05	0.04	0.03
Perbadanan Nasional Berhad	0.00	0.00	0.03
Syarikat Tanah Dan Harta Sdn. Bhd.	0.97	0.37	0.00
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	(2.51)	(8.21)	(4.82)
Malaysia Debt Ventures Berhad	(17.35)	(17.56)	(10.03)
SEKTOR SOSIAL			
Syarikat Perumahan Negara Berhad	(23.57)	(16.67)*	67.50
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	50.82	52.44	10.26
Pengurusan Aset Air Berhad	4.92	10.78*	9.64
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	3.74	3.74	4.80

SYARIKAT	TAHUN		
	2008 (Kali)	2009 (Kali)	2010 (Kali)
IJN Holdings Sdn. Bhd.	0.29	0.26	0.16
JKP Sdn. Bhd.	0.08	(0.08)	(0.14)
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	0.14	0.33	0.04
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	0.03	0.03	0.03
Sepang International Circuit Sdn. Bhd.	(0.03)	(0.01)	0.00
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	(2.69)	(2.73)	(2.08)
SEKTOR TEKNOLOGI			
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	6.50	5.93	5.10
MIMOS Berhad	5.46	5.37	2.94
Cyberview Sdn. Bhd.	2.19	2.43*	2.91
SIRIM Berhad	2.68	2.58	2.46
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	3.06	3.66	2.06
Khazanah Nasional Berhad	1.44	1.55	1.46
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	(29.17)	2.26	0.80
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	1.10	0.91	0.77
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	0.30	0.21	0.20
Jaring Communications Sdn. Bhd.	0.16	0.15	0.04
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	(1.08)**	0.00*	0.00
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	135.97	273.26	841.85
K.L International Airport Bhd	26.92	18.31*	16.64
Jambatan Kedua Sdn Bhd	0.00	5.77	15.51
Syarikat Prasarana Berhad	1.98	2.98	2.93
Penang Port Sdn. Bhd.	0.78	1.80	2.30
Keretapi Tanah Melayu Berhad	(0.45)	(1.97)	(1.25)
Assets Global Network Sdn. Bhd.	(6.98)	(5.44)	(5.08)

Nota: (*) - Restated
(**) - Termasuk Liabiliti Semasa

61.4.8. Pembayaran Cukai Kepada Kerajaan

61.4.8.1. Pada tahun 2010, sebanyak 25 (53.2%) daripada 47 Syarikat Kerajaan telah membayar cukai berjumlah RM28.867 bilion kepada Kerajaan. Syarikat daripada sektor ekonomi membayar RM25.868 bilion (89.6%) daripada jumlah cukai tersebut. Cukai yang dibayar pada tahun 2010 menurun sebanyak 4.4% atau sejumlah RM1.336 bilion menjadi RM28.856 bilion berbanding RM30.197 bilion pada tahun 2009. Adalah didapati Petroliam Nasional Berhad membayar jumlah cukai terbesar iaitu RM80.751 bilion bagi tahun 2008 hingga 2010. Jumlah cukai yang dibayar kepada Kerajaan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 mengikut sektor adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.13
CUKAI YANG DIBAYAR KEPADA KERAJAAN
MENGIKUT SEKTOR BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

SEKTOR	TAHUN		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Ekonomi	25,254.07	30,148.36	25,868.47
Sosial	10.62	20.42	16.52
Teknologi	20.68	26.05	2,975.46
Infrastruktur	8.17	2.00	6.18
JUMLAH	**25,293.54**	**30,196.83**	**28,866.63**

61.4.8.2. Analisis seterusnya mendapati 20 syarikat telah membayar cukai kepada Kerajaan. Jumlah cukai yang telah dibayar bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 adalah berjumlah RM81.382 bilion bagi 3 tahun berturut-turut seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.14
SYARIKAT YANG MEMBAYAR CUKAI 3 TAHUN BERTURUT-TURUT
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

SYARIKAT	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	
SEKTOR EKONOMI				
Petroliam Nasional Berhad	25,064.00	30,015.00	25,672.00	80,751.00
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	71.76	42.78	124.66	239.20
FELCRA Berhad	53.26	12.69	34.63	100.58
Malaysian Kuwaiti Investment Corporation Sdn. Bhd.	12.12	21.05	14.04	47.21
Amanah Raya Berhad	15.75	15.44	7.71	38.90
UDA Holdings Berhad	19.42	14.71	7.03	41.16
Export-Import Bank Of Malaysia Berhad	9.62	25.87	4.60	40.09
Prokhas Sdn. Bhd.	6.97	7.64	2.99	17.60
Perbadanan Nasional Berhad	1.17	0.76	0.47	2.40
SEKTOR SOSIAL				
IJN Holdings Sdn. Bhd.	6.39	5.73	2.49	14.61
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	3.05	1.27	1.98	6.30
JKP Sdn. Bhd.	0.73	1.06	0.80	2.59
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	0.11	0.17	0.49	0.77
Sepang International Circuit Sdn. Bhd.	0.17	0.11	0.04	0.32
SEKTOR TEKNOLOGI				
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	12.74	13.52	8.17	34.43
SIRIM Berhad	5.18	10.04	10.65	25.87
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	1.66	1.26	1.69	4.61
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	0.92	0.86	0.83	2.61
SEKTOR INFRASTRUKTUR				
Keretapi Tanah Melayu Berhad	2.50	1.25	4.87	8.62
Syarikat Prasarana Negara Berhad	0.72	0.95	1.71	3.38
JUMLAH	**25,288.24**	**30,192.16**	**25,901.85**	**81,382.25**

61.4.9. Pembayaran Dividen Kepada Kerajaan

61.4.9.1. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menyatakan bahawa bayaran dividen sekurang-kurangnya 10 peratus daripada keuntungan selepas cukai setiap tahun perlu dibayar kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan lebih diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen perlu ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi tanpa menjejaskan kedudukan kewangan syarikat. Sehingga tarikh pengauditan pada bulan Mei 2012, adalah didapati 14 (29%) syarikat daripada 47 syarikat telah membayar dividen bagi tahun kewangan 2010 yang berjumlah RM49.488 billion. Daripada jumlah tersebut 10 syarikat memperolehi keuntungan dan membayar dividen selama 3 tahun berturut-turut berjumlah RM109.364 bilion. Syarikat yang telah membayar dividen kepada Kerajaan selama 3 tahun berturut-turut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.15
BAYARAN DIVIDEN KEPADA KERAJAAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

SYARIKAT	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	
SEKTOR EKONOMI				
Petroliam Nasional Berhad	30,000.00	30,000.00	49,000.00	109,000.00
FELCRA Berhad	3.75	2.25	7.50	13.50
Perbadanan Nasional Berhad	11.06*	12.59	6.39	30.04
Amanah Raya Berhad	1.80	0.45	0.45	2.70
Malaysian Kuwaiti Investment Corporation Sdn. Bhd.	3.90	4.29	5.85	14.04
Prokhas Sdn. Bhd.	1.88	2.25	2.62	6.75
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	80.00	100.00*	100.00	280.00
SEKTOR SOSIAL				
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	0.51	0.87	0.68	2.06
SEKTOR TEKNOLOGI				
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	3.36	4.48	4.48	12.32
SIRIM Berhad	0.91	1.00	1.05	2.96
JUMLAH	**30,107.17**	**30,128.18**	**49,129.02**	**109,364.37**

Nota: (*) - Termasuk Bayaran Dividen Tahun Sebelumnya

61.4.9.2. Semakan lanjut mendapati sebanyak 9 syarikat yang telah mencatatkan keuntungan selepas cukai bagi tempoh 3 tahun berturut-turut, namun tidak mengisytiharkan/mencadangkan dividen. Hanya syarikat Pembinaan BLT Sdn. Bhd. menyatakan sebab dan alasan tidak membayar dividen bagi tahun 2010 kepada MKD manakala bagi Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd. pula hanya mengemukakan sebab tidak membayar dividen sehingga tahun 2008. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.16
SYARIKAT YANG MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI
BAGI TEMPOH 3 TAHUN BERTURUT-TURUT TETAPI TIDAK
MENGISYTIHAR/MENCADANGKAN DIVIDEN

SYARIKAT	KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (RM Juta)		
	2008	2009	2010
SEKTOR EKONOMI			
Syarikat Tanah dan Harta Sdn. Bhd.	0.03	0.01	0.01
Pengurusan Dana Harta Nasional Berhad	107.40	44.27	98.92
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	4.08	3.08	1.78
SEKTOR SOSIAL			
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	1.59	0.98	452.27
Pengurusan Aset Air Berhad	2.31	47.41	70.78
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	6.33	1.63	20.41
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	1.39	0.11	2.71
SEKTOR TEKNOLOGI			
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	20.53	33.66	12.94
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	0.53	4.25	4.05
JUMLAH	**144.19**	**135.40**	**663.87**

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Maklum Balas Menteri Kewangan Diperbadankan Dan Penswastaan Yang Diterima Pada 28 Jun 2012

Dasar dan garis panduan pembayaran dividen sedang diteliti oleh MKD untuk penambahbaikan sebelum diangkat untuk kelulusan oleh pihak atasan.

Pada pendapat Audit, pihak MKD hendaklah memastikan syarikat yang memperolehi keuntungan mengemukakan justifikasi yang kukuh untuk tidak mengisytiharkan dividen.

61.4.10. Pembayaran Bonus Kepada Kakitangan

Semakan Audit terhadap 47 fail syarikat mendapati 35 (74.5%) syarikat telah memohon dan diluluskan oleh Menteri Kewangan untuk membayar bonus/imbuhan/*ex-gratia* bagi tahun 2010. Adalah didapati 9 syarikat yang mengalami kerugian telah membayar bonus/imbuhan/*ex-gratia* bagi tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya telah membuat pembayaran bonus manakala 7 syarikat lagi telah membayar imbuhan/*ex-gratia*. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada garis panduan/polisi bertulis mengenai pemberian kelulusan pembayaran *ex-gratia*. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.17
BILANGAN SYARIKAT YANG MEMBUAT PEMBAYARAN BONUS WALAUPUN MENGALAMI KERUGIAN PADA TAHUN 2010

SYARIKAT	KERUGIAN SEBELUM CUKAI BAGI TAHUN KEWANGAN 2010 (RM Juta)	BONUS/ EX-GRATIA
SEKTOR EKONOMI		
Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad	(67.72)	RM1500.00
Export - Import Bank Of Malaysia Berhad	(299.54)	1 Bulan Gaji
Halal Industry Development Corp Sdn. Bhd.	(20.50)	0.25 Bulan Gaji
SEKTOR INFRASTRUKTUR		
Keretapi Tanah Melayu Berhad	(372.01)	0.5 Bulan Gaji, Minima RM500
Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	(9.41)	1 Bulan Gaji
Syarikat Prasarana Negara Berhad	(690.90)	1 Bulan (2 kali), Minima RM1,000
SEKTOR SOSIAL		
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd	(168.57)	Bonus Pool 1.6 Maksima 2.5 Bulan Gaji
SEKTOR TEKNOLOGI		
Innobio Ventures	(35.15)	1 Bulan Gaji
Jaring Communication Sdn. Bhd	(8.97)	RM500.00

Maklum Balas Menteri Kewangan Diperbadankan Dan Penswastaan Yang Diterima Pada 28 Jun 2012

Cadangan dasar baru pembayaran bonus kepada syarikat MKD dibuat berdasarkan pencapaian prestasi KPI tahunan syarikat yang ditetapkan. Setiap syarikat perlu menetapkan KPI setiap tahun yang merangkumi di antaranya parameter kewangan, obligasi sosial, pembangunan negara dan lain-lain parameter yang wajar mengikut objektif penubuhan syarikat. Pencapaian kewangan syarikat sama ada mencatat keuntungan atau kerugian merupakan

salah satu daripada KPI tahunan yang ditetapkan untuk syarikat MKD. Oleh itu, pembayaran bonus yang dibuat kepada 9 syarikat yang mengalami kerugian adalah berdasarkan parameter KPI lain yang dicapai oleh syarikat tersebut.

61.5. PENGAWASAN TERHADAP SYARIKAT KERAJAAN OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN

61.5.1. Pelantikan Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif

Perkara pelantikan Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2008 dan 2009. Adalah didapati pada tahun 2011, MKD telah menyediakan draf Dasar dan Garis Panduan Pelantikan Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan Syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan. Semakan Audit mendapati Dasar dan Garis Panduan tersebut telah dikemukakan kepada Menteri Kewangan pada 9 November 2011 dan diluluskan pada 24 November 2011. Antara perkara penting yang terkandung di dalam garis panduan tersebut ialah kriteria pelantikan, gaji minimum Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan Syarikat, terma dan syarat pelantikan serta elaun Ahli Lembaga Pengarah di dalam subsidiari. Dengan adanya dasar dan garis panduan ini, proses pelantikan Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan Syarikat akan lebih konsisten, telus dan seragam.

Maklum Balas Menteri Kewangan Diperbadankan Dan Penswastaan Yang Diterima Pada 28 Jun 2012

Satu memo dalaman bertarikh 29 Mei 2012 berhubung proses pelantikan Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat beserta proses kerja telah diedarkan kepada semua pegawai MKD untuk dipatuhi.

Pada pendapat Audit, pihak MKD perlu memastikan pelantikan Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan Syarikat dan mematuhi garis panduan yang telah diluluskan dan didokumenkan dengan sewajarnya.

61.5.2. Wakil Kerajaan Sebagai Ahli Lembaga Pengarah

Sejak tahun 2009, Jabatan Audit Negara telah membangkitkan mengenai kegagalan wakil Kerajaan yang dilantik untuk menyediakan laporan pada setiap suku tahun kepada Kementerian Kewangan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1985. Dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2010 MKD memaklumkan bahawa ia sedang memuktamadkan garis panduan baru yang perlu dipatuhi oleh semua wakil Kerajaan. Semakan Audit mendapati sehingga tarikh pengauditan ini, draf garis panduan tersebut masih dalam pertimbangan MKD. Berdasarkan maklum balas pegawai MKD, wakil Kerajaan hanya akan menyediakan laporan mengikut keperluan sesuatu kes

Pada pendapat Audit, memandangkan peranan wakil Kerajaan dalam syarikat yang dikuasai Kerajaan adalah penting, MKD perlu mempunyai mekanisme yang jelas untuk menilai prestasi wakil Kerajaan dalam syarikat Kerajaan. Selain itu, pekeliling berkaitan perlu segera dikeluarkan dan dikuatkuasakan untuk meningkatkan keberkesanan peranan wakil Kerajaan.

61.5.3. Laporan Portfolio Pelaburan Bahagian MKD

Laporan Ketua Audit Negara tahun 2010 telah membangkitkan tentang tanggungjawab MKD sebagai sebuah syarikat pelaburan Kerajaan (GLIC) untuk memantau prestasi dana pelaburan termasuk menyediakan laporan disatukan terhadap portfolio keseluruhan pelaburan di bawahnya sepertimana amalan terbaik di dalam Manual Transformasi GLC. Semakan Audit mendapati pada bulan April 2012, MKD telah menyediakan draf rangka kerja pelaporan portfolio pelaburannya namun begitu ianya masih dalam peringkat perbincangan. Penyediaan laporan portfolio ini boleh membantu meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan MKD di samping memantau prestasi setiap pelaburannya.

Maklum Balas Menteri Kewangan Diperbadankan Dan Penswastaan Yang Diterima Pada 28 Jun 2012

Laporan interim portfolio pelaburan telah dikemukakan kepada YB Menteri Kewangan II untuk makluman beliau berhubung prestasi syarikat-syarikat MKD. Selanjutnya, Bahagian MKD (BMKD) kini dalam tindakan menyediakan laporan akhir bagi tahun kewangan 2011 berdasarkan parameter yang menyeluruh bagi menilai prestasi sebenar syarikat MKD.

Pada pendapat Audit, usaha MKD ini perlu dipertingkatkan bagi memastikan penyediaan rangka kerja laporan portfolio disegerakan secara komprehensif dan dilaporkan kepada Menteri Kewangan secara berkala.

61.5.4. Pemakaian Pekeliling/Arahan Mengenai Syarikat Kerajaan

61.5.4.1. Laporan Ketua Audit Negara tahun 2010 telah membangkitkan tentang kesedaran dan pemakaian pekeliling/arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Semakan Audit mendapati MKD telah mengkaji pekeliling/arahan sedia ada dan telah mengeluarkan beberapa pekeliling dan surat arahan seperti berikut:

a. Dasar berkaitan Subsidiari Syarikat MKD;
b. Dasar Dan Garis Panduan Pelantikan Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan Syarikat;
c. Cadangan Semakan dan Penyeragaman Kadar Elaun Lembaga Pengarah Bagi Institusi Kewangan Pembangunan;
d. Bayaran Elaun Lembaga Pengarah Syarikat MKD; dan
e. Urusan Korporat, Kewangan dan Prosedur Perolehan Syarikat MKD

61.5.4.2. Semakan Audit mendapati MKD juga masih meneliti Dasar dan Garis Panduan Bayaran Bonus Syarikat MKD pada masa kini.

Maklum Balas Menteri Kewangan Diperbadankan Dan Penswastaan Yang Diterima Pada 28 Jun 2012

Taklimat akan diberikan kepada syarikat berkenaan sekiranya didapati sebahagian besar syarikat tidak memahami dasar yang dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, semakan semula pekeliling dan surat arahan yang dilaksanakan oleh MKD adalah satu usaha yang baik untuk memastikan tadbir urus syarikat yang baik. Sehubungan itu, bagi memastikan pengurusan syarikat benar-benar faham tentang kehendak pekeliling dan surat arahan yang dikeluarkan, satu sesi penerangan hendaklah dibuat kepada syarikat MKD. Wakil Kerajaan juga perlu mendapat

pendedahan tentang pekeliling/surat arahan yang dikeluarkan supaya mereka dapat memainkan peranan dalam memastikan tindakan atau keputusan syarikat adalah selari dengan pekeliling dan surat arahan yang dikeluarkan.

61.5.4.3. Laporan Ketua Audit Negara tahun 2010 telah membangkitkan tentang isu ketiadaan peruntukan dalam Memorandum dan Artikel (M&A) syarikat mengenai kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan/peraturan. Jabatan Audit Negara mengesyorkan supaya MKD mengkaji semula semua M&A syarikat dan memasukkan klausa yang berkenaan bagi memantapkan kawalan dan pemantauan terhadap syarikat Kerajaan. Pihak MKD dalam jawapannya telah bersetuju untuk mengkaji semula semua M&A syarikat. Semakan Audit mendapati pada 24 April 2012, MKD telah mengeluarkan surat kepada syarikat milik Kerajaan bagi mendapatkan maklumat awal tentang kewujudan klausa berkenaan di dalam M&A syarikat.

Maklum Balas Menteri Kewangan Diperbadankan Dan Penswastaan Yang Diterima Pada 28 Jun 2012

Pihak MKD juga memaklumkan bahawa setelah semua maklum balas diperolehi, MKD akan mengangkat cadangan untuk meminda M&A syarikat yang dikenal pasti kepada YB Menteri Kewangan II.

61.6. Pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) Syarikat

61.6.1. Kementerian Kewangan telah mengeluarkan arahan kepada syarikat MKD terpilih untuk mengemukakan KPI syarikat bagi tempoh tahun 2009, 2010 dan 2011. Pada bulan September 2009, syarikat yang dipilih untuk mengemukakan KPI telah diarahkan agar memastikan pencapaian KPI masing-masing bagi tahun 2009 dan 2010 adalah sekurang-kurangnya 75%. Manakala pada bulan Mac 2011 syarikat diarahkan agar memastikan pencapaian KPI masing-masing bagi tahun 2011 adalah sekurang-kurangnya 80%. Berdasarkan perkiraan Audit, pencapaian keseluruhan KPI syarikat MKD yang terpilih bagi tahun 2011 menunjukkan penurunan iaitu 82% berbanding 93% pada tahun sebelumnya.

61.6.2. Semakan Audit terhadap senarai pencapaian KPI syarikat bagi tahun 2011 mendapati 4 syarikat yang KPInya tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu Percetakan Nasional Malaysia Berhad (78%), Inno Bio Ventures Sdn. Bhd. (73.8%), JARING Communications Sdn. Bhd. (47.5%) dan UDA Holdings Berhad (77.7%). Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada sebarang justifikasi diberikan oleh syarikat berkenaan terhadap ketidakcapaian KPI tersebut.

Pada pendapat Audit, MKD perlu memastikan syarikat yang tidak mencapai KPI memberikan justifikasi yang jelas serta menyediakan pelan tindakan mereka supaya KPI yang telah ditetapkan dapat dicapai.

61.7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan peranan MKD sebagai badan pelaburan utama Kerajaan berjalan dengan cekap dan berkesan adalah disyorkan supaya pihak MKD dapat mempertimbangkan perkara berikut:

61.7.1. Mewujudkan mekanisme yang jelas untuk menilai prestasi wakil Kerajaan dalam syarikat Kerajaan. Selain itu, pekeliling lama berkaitan harus dikaji semula bagi tujuan mengenal pasti mekanisme yang lebih berkesan untuk meningkatkan keberkesanan peranan wakil Kerajaan.

61.7.2. Mengadakan sesi penerangan kepada syarikat dan wakil Kerajaan bagi mendapat pendedahan tentang pekeliling/surat arahan yang dikeluarkan supaya mereka dapat memainkan peranan dalam memastikan tindakan atau keputusan syarikat adalah selari dengan pekeliling dan surat arahan yang dikeluarkan.

61.7.3. Memastikan syarikat yang tidak mencapai KPI memberikan justifikasi yang jelas serta pelan tindakan mereka bagi meningkatkan pencapaian.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 469-513
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

62. PENGURUSAN AKTIVITI SYARIKAT

Selain daripada membuat analisis terhadap prestasi kewangan syarikat serta pengawasan syarikat oleh Kementerian Kewangan, pengauditan turut dilakukan terhadap pengurusan bagi 7 syarikat iaitu Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia.; SIRIM Berhad; Pengurusan Aset Air Berhad; Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. (RAPIDKL); UDA Holdings Berhad; Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. dan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Hasil daripada pengauditan yang dilakukan adalah seperti di perenggan 63 hingga 69.

KEMENTERIAN KEWANGAN

63. PENGURUSAN INSTITUT TERJEMAHAN DAN BUKU MALAYSIA


63.1. LATAR BELAKANG

63.1.1. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), sebelum 16 Disember 2011 dikenali sebagai Institut Terjemahan Negara Malaysia ditubuhkan pada 14 September 1993 dengan modal berbayar RM29.41 juta. Syarikat yang 99% sahamnya dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) ini telah diberi mandat bertindak sebagai *lead agency* dalam industri penterjemahan negara dan bertanggungjawab menerbitkan karya asli penulis muda bagi menggalakkan industri perbukuan negara.

63.1.2. Antara fungsi ITBM adalah merancang, melaksana, mengurus dan menyelaras hal ehwal terjemahan, menangani urusan berkaitan terjemahan dan kejurubahasaan, selain daripada merangsang usaha pemindahan ilmu di semua peringkat, kebangsaan mahupun antarabangsa.

63.1.3. ITBM mempunyai 8 orang Ahli Lembaga Pengarah, di mana 4 daripada mereka merupakan wakil Kerajaan iaitu daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Dewan Bahasa dan Pustaka, Pejabat Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan. Pengurusan ITBM diketuai oleh Pengarah Urusan dan dibantu oleh 92 kakitangan eksekutif dan bukan eksekutif. Struktur organisasi ITBM adalah seperti di carta berikut:

CARTA 63.1
STRUKTUR ORGANISASI ITBM SETAKAT 24 FEBRUARI 2012



Sumber : ITBM

63.1.4. Sebagai syarikat berhad yang dimiliki oleh Kerajaan, ITBM perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang berkaitan dengan syarikat Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

63.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

63.2.1. prestasi kewangan ITBM adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut;

63.2.2. pengurusan aktiviti dilaksanakan dengan teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan; dan

63.2.3. pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

63.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat ITBM bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada Penyata Kewangan tahun 2008, 2009 dan 2010 yang telah diaudit. Pemeriksaan Audit telah dijalankan di pejabat ITBM, Kementerian Kewangan serta Kementerian Pelajaran Malaysia. Lawatan Audit ke gudang Kontena Nasional Berhad (KNB) juga telah diadakan bagi mengesahkan simpanan stok buku ITBM.

63.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen, fail dan rekod serta mengadakan perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, analisis telah dijalankan terhadap data kewangan dan operasi syarikat. Bagi mengesahkan aset dan simpanan stok buku, pemeriksaan secara fizikal telah dijalankan di pejabat ITBM dan gudang/stor simpanan buku. Pengesahan daripada pihak ketiga berkaitan isu yang dibangkitkan seperti kontraktor dan KNB juga telah diperolehi.

63.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2011 hingga Januari 2012 mendapati penemuan seperti berikut:

i. secara keseluruhannya, prestasi kewangan syarikat adalah baik kerana ITBM mampu menjana keuntungan operasi dan menunjukkan kedudukan aliran tunai yang positif bagi 3 tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2008 hingga 2010;
ii. prestasi aktiviti pula pada umumnya adalah baik di mana terdapat peningkatan output dari tahun ke tahun dari segi dokumen yang diterjemahkan, kursus yang diadakan serta acara yang melibatkan khidmat kejurubahasaan;
iii. pengurusan aktiviti yang dijalankan adalah teratur dan mengikut Manual Operasi Standard serta peraturan yang berkuat kuasa kecuali berlaku kelemahan dalam pengurusan projek e-Kamus dan e-Book, penggunaan sistem pengurusan maklumat syarikat serta pengurusan stok buku; dan
iv. pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat ITBM adalah memuaskan serta selaras dengan peraturan yang ditetapkan kecuali kelemahan dalam urusan pengemaskinian daftar aset syarikat.

Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan aktiviti ITBM serta maklum balas ITBM dan KNB adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:

63.5.1. Prestasi Kewangan

63.5.1.1. Analisis Pendapatan Dan Perbelanjaan

a. ITBM memperoleh pendapatan tahunan melalui 4 aktiviti utama syarikat iaitu terjemahan dan penerbitan buku, terjemahan dokumen, kejurubahasaan dan latihan/bengkel. Perbelanjaan utama ITBM meliputi kos jualan, perbelanjaan pentadbiran dan perbelanjaan lain-lain operasi. Secara keseluruhannya, keuntungan operasi serta keuntungan bersih menunjukkan peningkatan pada tahun 2009 dan sedikit menurun pada tahun 2010. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:


JADUAL 63.1
PENYATA PENDAPATAN ITBM
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

BUTIRAN	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan	20.78	16.41	12.57
Kos Jualan	(12.69)	(3.34)	(9.94)
Untung Kasar	**8.09**	**13.07**	**2.63**
Lain-lain Pendapatan	7.75	7.42	14.61
Perbelanjaan Pentadbiran	(2.70)	(6.38)	(8.29)
Perbelanjaan Lain-lain Operasi	(8.02)	(5.49)	(2.15)
Untung Dari Operasi	**5.12**	**8.62**	**6.80**
Pendapatan Faedah	0.09	0.20	0.36
Untung/(Rugi)Sebelum Cukai	**5.21**	**8.82**	**7.16**
Belanja Cukai	(0.11)	(0.13)	(0.33)
Untung/(Rugi) Bersih Semasa	**5.10**	**8.69**	**6.83**
Bayaran Dividen	0.40	0.51	0.87

Sumber : Penyata Kewangan Tahun 2008, 2009 Dan 2010 Yang Diaudit

b. Bagi tahun kewangan 2010, ITBM telah memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM7.16 juta dengan penurunan keuntungan sejumlah RM1.66 juta (18.8%) berbanding dengan tahun 2009 yang berjumlah RM8.82 juta. Antara faktor penurunan pendapatan pada tahun 2010 adalah disebabkan penurunan jumlah perolehan daripada aktiviti terjemahan dan penerbitan buku berbanding tahun 2009. Pada tahun 2010, perolehan daripada aktiviti ini mencatatkan pendapatan berjumlah RM7.82 juta berbanding RM13.04 juta pada tahun 2009. Selain itu, peningkatan dalam kos jualan sejumlah RM6.6 juta (197.6%) serta peningkatan perbelanjaan pentadbiran sebanyak 30% pada tahun 2010 juga menyumbang kepada penurunan untung sebelum cukai syarikat. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, ITBM telah membayar dividen sejumlah RM1.78 juta kepada Kerajaan. Analisis pendapatan daripada aktiviti utama syarikat adalah seperti di carta berikut:

CARTA 63.2
PENDAPATAN DARIPADA AKTIVITI UTAMA ITBM
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010



Sumber: Penyata Kewangan Tahun 2008, 2009 Dan 2010 Yang Diaudit

c. Pendapatan daripada khidmat terjemahan dan penerbitan buku diperolehi daripada 2 sumber iaitu perolehan peruntukan daripada projek KPM dan pasaran terbuka. Bagi tahun 2008 hingga 2010, perolehan daripada projek KPM menyumbang antara 89.5% hingga 92.3% kepada jumlah pendapatan daripada khidmat terjemahan dan penerbitan buku. Penyaluran peruntukan daripada KPM diiktiraf sebagai hasil pendapatan pada tahun semasa setelah buku siap dicetak. Pada tahun 2009, pendapatan daripada projek KPM diperolehi melalui penerbitan 80 judul buku sastera tempatan yang diterjemahkan ke bahasa antarabangsa (seperti Inggeris dan Perancis). Pengurangan pendapatan daripada projek KPM pada tahun 2010 adalah disebabkan ITBM tidak mendapat peruntukan semasa bagi cadangan projek KPM pada tahun tersebut dan hasil yang dijanakan adalah melalui penerbitan buku tahun sebelumnya. Dari tahun 2008 hingga 2010, pendapatan ITBM melalui hasil pasaran terbuka menunjukkan trend penurunan. Hal ini menunjukkan perolehan peruntukan melalui projek KPM memberikan impak yang besar dalam menyumbang jumlah pendapatan kepada khidmat terjemahan dan penerbitan buku dan pendapatan ITBM keseluruhannya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 63.2
PECAHAN PENDAPATAN DARIPADA PROJEK KPM DAN PASARAN TERBUKA BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

KHIDMAT/AKTIVITI	TAHUN		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Terjemahan Dan Penerbitan Buku			
Projek KPM	15.83	12.04	7.15
Pasaran Terbuka	1.85	1.00	0.67
JUMLAH	**17.68**	**13.04**	**7.82**
Peratus Sumbangan Projek KPM Kepada Pendapatan Khidmat Terjemahan & Penerbitan Buku	89.5%	92.3%	91.4%

Sumber: Penyata Kewangan Tahun 2008, 2009 Dan 2010 Yang Diaudit

d. Lain-lain pendapatan menunjukkan peningkatan sebanyak 96.9% pada tahun 2010 berbanding 2009 disebabkan peningkatan pendapatan dividen, keuntungan daripada pelaburan dan pelunasan peruntukan terjemahan (amortization of translation grant) daripada KPM bagi Projek Terjemahan dan Penerbitan 130 Judul Buku Matematik dan Sains berjumlah RM6.5 juta.

Maklum Balas Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

ITBM sedang berusaha meningkatkan pendapatan daripada khidmat utamanya dengan menilai potensi dan peluang baru berdasarkan pelan strategik 5 tahun. Dari segi jualan dan pemasaran buku, ITBM berusaha menggiatkan penjualan buku kepada perpustakaan awam dan luar negara; meluaskan pengedaran ke seluruh negara melalui program Keahlian Pengedar/Pembekal Buku ITBM; memperkasa sistem e-Beli-Belah serta menyertai pesta buku yang diadakan seluruh Malaysia. Bagi meluaskan jualan dan pemasaran khidmat terjemahan dokumen, ITBM berusaha meningkatkan usaha promosi kepada pelanggan berpotensi institusi kewangan, syarikat korporat serta kedutaan asing dengan menawarkan kadar istimewa kepada pelanggan tetap bagi menjamin kestabilan pendapatan. Seterusnya, bagi meningkatkan jualan dan pemasaran khidmat jurubahasa, ITBM memeterai Memorandum Persefahaman dengan jabatan dan agensi Kerajaan serta mempromosi khidmat kejurubahasaan ITBM kepada penganjur persidangan antarabangsa atau pengelola majlis meliputi sektor awam dan swasta.

Pada pendapat Audit, ITBM perlu lebih proaktif menjana pendapatan daripada 3 aktiviti syarikat yang lain iaitu khidmat terjemahan dokumen, kejurubahasaan dan latihan/bengkel. ITBM mampu menjana keuntungan sebelum cukai antara RM5.21 juta hingga RM8.82 juta dari tahun 2008 hingga 2010, namun sumbangan terbesar perolehan pendapatan bagi tahun tersebut adalah daripada projek KPM melalui peruntukan yang disalurkan. Perolehan pendapatan jualan buku melalui pasaran terbuka perlu dipertingkatkan bagi mengurangkan kebergantungan kepada projek KPM seterusnya mengurangkan risiko kestabilan pendapatan syarikat pada masa hadapan.

63.5.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menentukan prestasi kewangan ITBM, analisis nisbah semasa; margin keuntungan; nisbah pulangan ke atas aset; serta nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tempoh tahun kewangan 2008, 2009 dan 2010. Hasil analisis adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 63.3
ANALISIS NISBAH BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

NISBAH SEMASA	**TAHUN**	**ASET SEMASA (RM Juta) (a)**	**LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)**	**NISBAH SEMASA (a/b)**
	2008	25.54	7.17	3.56:1
	2009	37.42	4.29	8.72:1
	2010	67.95	24.78	2.74:1
Bagi tempoh tahun kewangan 2008, 2009 dan 2010, ITBM mempunyai aset semasa yang mencukupi untuk menjelaskan tanggungan semasa. Kecairan ITBM pada tahun 2010 menurun berbanding tahun 2009 berikutan terdapat projek KPM yang belum disiapkan. Kedudukan tunai dan persamaan tunai bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 seperti berikut: 2008 – 56.9% aset semasa terdiri daripada tunai dan persamaan tunai 2009 – 83.6% aset semasa terdiri daripada tunai dan persamaan tunai 2010 – 62.5% aset semasa terdiri daripada tunai dan persamaan tunai				
MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH	**TAHUN**	**UNTUNG/(RUGI) SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)**	**JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)**	**MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a/b)**
	2008	5.10	20.78	0.25
	2009	8.69	16.41	0.53
	2010	6.83	12.57	0.54
Bagi setiap ringgit hasil pendapatan, ITBM menjana keuntungan berjumlah RM0.25 pada tahun 2008 dan meningkat kepada RM0.53 dan RM0.54 pada tahun 2009 dan 2010. Peningkatan ini menunjukkan kecekapan ITBM menjalankan aktiviti utama.				
NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET	**TAHUN**	**UNTUNG/(RUGI) BERSIH SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)**	**JUMLAH ASET (RM Juta) (b)**	**NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET (%) (a/b)**
	2008	5.10	48.58	10.5
	2009	8.69	63.38	13.7
	2010	6.83	77.06	8.9
Bagi pulangan bersih diperolehi setiap ringgit aset digunakan, analisis menunjukkan peningkatan kecekapan ITBM dalam menguruskan aset pada tahun 2009 dan sedikit menurun pada tahun 2010.				
NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI	**TAHUN**	**UNTUNG/(RUGI) BERSIH SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)**	**JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)**	**NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) (a/b)**
	2008	5.10	36.20	14.1
	2009	8.69	44.38	19.6
	2010	6.83	50.34	13.6
Bagi pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit modal digunakan, tahap kecekapan menguruskan modal meningkat pada tahun 2009 dan berkurangan pada tahun 2010.				


63.5.1.3. Prestasi Aliran Tunai

a. Penyata aliran tunai memberikan maklumat mengenai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasinya serta penggunaan untuk menampung perbelanjaan. Kedudukan aliran tunai ITBM bagi tempoh tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di jadual dan carta berikut:

JADUAL 63.4
PENYATA ALIRAN TUNAI ITBM
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

BUTIRAN/TAHUN	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pengoperasian			
Keuntungan sebelum cukai	5.21	8.82	7.16
Pelarasan	(5.69)	(14.64)	(13.91)
Modal Kerja	(7.01)	4.01	(5.36)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pengoperasian	**(7.49)**	**(1.81)**	**(12.11)**
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan			
Aliran Masuk Tunai	0.65	0.59	1.36
Aliran Keluar Tunai	(0.98)	(3.74)	(4.44)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	**(0.33)**	**(3.15)**	**(3.08)**
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan			
Aliran Masuk Tunai	-	20.79	23.43
Aliran Keluar Tunai	(0.40)	(0.51)	(0.87)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	**(0.40)**	**20.28**	**22.56**
Penambahan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai Dan Persamaan Tunai	**(8.22)**	**15.32**	**7.37**
Tunai Dan Persamaan Tunai Awal Tahun	**24.18**	**15.96**	**31.28**
Tunai Dan Persamaan Tunai Akhir Tahun	**15.96**	**31.28**	**38.65**

CARTA 63.3
ALIRAN TUNAI BERSIH ITBM
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010



b. Analisis terhadap Penyata Aliran Tunai mendapati aliran tunai ITBM secara keseluruhannya menyusut bagi aktiviti operasi dan pelaburan. ITBM mengalami defisit aliran tunai daripada aktiviti operasi di mana aliran tunai yang digunakan bagi membiayai operasi meningkat kepada RM12.11 juta pada tahun 2010 berbanding RM1.81 juta pada tahun 2009. Antara faktor peningkatan defisit ini adalah akibat penggunaan tunai daripada peruntukan projek KPM. Bagaimanapun, penggunaan dana tersebut ditampung melalui aliran tunai yang dijanakan daripada aktiviti pembiayaan melalui perolehan peruntukan daripada KPM. Pada akhir tahun

kewangan 2010, syarikat mempunyai tunai dan persamaan tunai berjumlah RM38.65 juta yang terdiri daripada deposit berjumlah RM36.46 juta serta tunai di tangan dan bank berjumlah RM2.19 juta. Manakala, pada akhir tahun kewangan 2008 dan 2009, tunai dan persamaan tunai syarikat masing-masing berjumlah RM15.96 juta dan RM31.28 juta. Secara keseluruhannya, aliran tunai ITBM masih menunjukkan kedudukan yang positif bagi 3 tahun berturut-turut.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan ITBM bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah baik. Usaha penjanaan tambahan pendapatan daripada lain-lain aktiviti utama syarikat perlu diberi perhatian selaras dengan fungsi ITBM antaranya sebagai pusat penterjemahan dan pusat khidmat jurubahasa.

63.5.2. Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti

63.5.2.1. Prestasi Aktiviti

Operasi teras ITBM adalah berdasarkan 4 aktiviti utama seperti dihuraikan di jadual berikut:

JADUAL 63.5
AKTIVITI UTAMA ITBM

AKTIVITI UTAMA	KETERANGAN AKTIVITI
Khidmat Terjemahan Dan Penerbitan Buku	Menawarkan perkhidmatan terjemahan dan penerbitan buku. Dua kategori projek penerbitan buku adalah projek penerbitan untuk KPM dan pasaran terbuka.
Khidmat Terjemahan Dokumen	Menawarkan khidmat terjemahan sijil dan dokumen. Khidmat ini akan dilaksanakan secara dalaman atau penterjemah sambilan yang berdaftar dengan ITBM. Hasil kerja akan disunting oleh editor dan disemak oleh pembaca pruf bagi memastikan perkataan yang digunakan tepat serta sesuai.
Khidmat Kejurubahasaan	Menawarkan khidmat jurubahasa kepada sektor Kerajaan dan swasta bagi persidangan, seminar, mesyuarat, perbicaraan mahkamah, persidangan Parlimen, lawatan rasmi, acara sukan peringkat antarabangsa serta bagi tujuan pelancongan. Khidmat jurubahasa yang ditawarkan merangkumi 35 bahasa dunia. Perkhidmatan ini diberi sama ada oleh jurubahasa dalaman atau jurubahasa luar yang berdaftar dengan ITBM. Tiga khidmat jurubahasa yang ditawarkan adalah jurubahasa serentak, jurubahasa berturut dan jurubahasa mahkamah. Selain itu, sewaan peralatan *Simultaneous Interpretation System* juga ditawarkan.
Khidmat Latihan/Bengkel	Menawarkan khidmat latihan/bengkel berkaitan terjemahan dan bahasa. Antaranya kursus penterjemahan am secara insentif/sambilan, bengkel penyuntingan penterjemahan, bengkel penyuntingan karya asli, kursus peningkatan penulisan Bahasa Melayu, kursus Bahasa Inggeris, kursus bahasa asing dan bengkel asas penerbitan.

Nota : Aktiviti Utama Setakat 31 Disember 2011

a. Pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI)

Pengurusan ITBM telah mewujudkan 6 elemen KPI sebagai tahap pengukuran produktiviti syarikat selaras dengan objektif strategik syarikat antaranya syarikat mencapai keuntungan, jumlah buku dikeluarkan mengikut sasaran dan dokumen yang diterjemahkan mengikut sasaran ditetapkan. Semakan Audit mendapati pencapaian KPI syarikat pada keseluruhannya adalah baik di mana ia telah melebihi pencapaian minimum yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan iaitu sekurang-kurangnya 75% daripada sasaran KPI. Butiran pencapaian KPI untuk tempoh tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 63.6
PENCAPAIAN KPI ITBM BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011

WAJARAN	2008			2009			2010			2011		
	SASAR	SEBENAR	CAPAI	SASAR	SEBENAR	CAPAI	SASAR	SEBENAR	CAPAI	SASAR	SEBENAR	CAPAI
1) Memastikan keuntungan syarikat dicapai (RM Juta)												
30%	2.0	5.10	✓	2.75	8.69	✓	4.75	6.83	✓	2.83	4.40*	✓
2) Memastikan jumlah buku yang dikeluarkan mengikut sasaran (Jumlah Judul)												
30%	117	117	✓	144	155	✓	156	179	✓	168	170	✓
3) Memastikan dokumen yang diterjemah mengikut sasaran yang ditetapkan (Jumlah Halaman)												
15%	**	**	**	**	**	**	27,530	39,957	✓	28,181	37,353	✓
4) Memastikan bilangan kursus dan latihan mengikut yang ditetapkan (Bilangan Kursus)												
10%	**	**	**	**	**	**	46	18	✓	30	33	✓
5) Memastikan acara jurubahasa mengikut yang ditetapkan. (Bilangan Acara)												
10%	**	**	**	**	**	**	41	296	✓	116	390	✓
6) Bagi tujuan pembangunan sumber manusia, staf perlu menghadiri sekurang-kurangnya 7 hari kursus setahun (7 Hari/Staf/Setahun)												
5%	**	**	**	**	**	**	7 hari setiap staf bagi 86 staf	28 staf capai 7 hari	✗	40% dari jumlah staf	66% dari jumlah staf (61/92)	✓

Nota : (*) Angka Belum Diaudit (**) Elemen Ini Tidak Dikira Sebagai KPI Tahun Berkenaan
✓ - Ya ✗ - Tidak

b. Pencapaian Penerbitan Buku

Objektif strategik ITBM adalah untuk memperbanyakkan terjemahan dan penerbitan bahan bacaan dalam pelbagai bahasa. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011, penerbitan judul baru menunjukkan trend peningkatan manakala penerbitan cetak ulang dibuat atas permintaan pasaran seperti di jadual berikut:

JADUAL 63.7
BILANGAN JUDUL BARU DAN ULANG CETAK
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011

PENERBITAN BUKU	TAHUN (Bil. Judul)			
	2008	2009	2010	2011
Judul Baru	71	148	111	129
Cetak Ulang	46	7	68	41
JUMLAH BUKU	**117**	**155**	**179**	**170**

Sumber : Senarai Terbitan Judul Buku - Bahagian Penerbitan

c. Pencapaian Khidmat Terjemahan

Khidmat terjemahan terdiri daripada terjemahan sijil, dokumen, suntingan, penaipan/*formatting*, penyemakan pruf dan pengesahan. Semakan Audit mendapati penjanaan pendapatan yang diperolehi daripada khidmat terjemahan menunjukkan trend peningkatan dari RM2.24 juta pada tahun 2008 menjadi RM3.06 juta pada tahun 2011. Bagaimanapun, peratusan peningkatan pendapatan telah menurun dari 15.6% pada tahun 2009 menjadi 4.4% pada tahun 2011 seperti di jadual berikut:

JADUAL 63.8
PEROLEHAN PENDAPATAN DARIPADA KHIDMAT TERJEMAHAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011

KHIDMAT TERJEMAHAN	TAHUN (RM)			
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	*2011 (RM Juta)
Terjemahan Sijil	0.73	0.72	0.98	0.91
Terjemahan Dokumen	1.44	1.71	1.83	2.03

KHIDMAT TERJEMAHAN	TAHUN (RM)			
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	*2011 (RM Juta)
Lain-lain (Suntingan, Penaipan/Formatting, Penyemakan Pruf, Pengesahan)	0.07	0.16	0.12	0.12
JUMLAH	**2.24**	**2.59**	**2.93**	**3.06**
Peratusan Peningkatan Pendapatan (%)		**15.6**	**13.1**	**4.4**

Sumber : Penyata Pendapatan ITBM
Nota : (*) Angka Belum Diaudit

d. Pencapaian Khidmat Latihan/Kursus

Perkhidmatan latihan/kursus dan kejurubahasaan diselia oleh Bahagian Latihan dan Kejurubahasaan. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011, ITBM telah menganjurkan 105 kursus dan melatih 2,123 orang peserta. Analisis Audit mendapati terdapat peningkatan permintaan daripada agensi Kerajaan dan swasta pada tahun 2010 bagi mengikuti program latihan dan kursus yang ditawarkan oleh ITBM. Dari tahun 2008 hingga 2011, trend permintaan kepada latihan/kursus yang dianjurkan ITBM semakin mendapat sambutan di mana kursus penterjemahan am secara sambilan/intensif mendapat permintaan yang tinggi berbanding kursus lain yang ditawarkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 63.9
PECAHAN BILANGAN KURSUS BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011

TAHUN	KURSUS/BENGKEL PENTERJEMAHAN AM SECARA SAMBILAN/INTENSIF		KURSUS LAIN		JUMLAH KURSUS	JUMLAH PESERTA
	BIL. KURSUS DIADAKAN	BIL. PESERTA KESELURUHAN	BIL. KURSUS DIADAKAN	BIL. PESERTA KESELURUHAN		
2008	14	308	15	212	29	520
2009	15	339	10	160	25	499
2010	16	506	2	53	18	559
2011	23	408	10	137	33	545

Sumber: Bahagian Latihan Dan Kejurubahasaan
Nota: Bilangan Peserta Khidmat Latihan Dan Kursus 1993- 2011 Yang Disatukan

e. Pencapaian Khidmat Kejurubahasaan

Bagi perkhidmatan kejurubahasaan, jurubahasa pengiring dan jurubahasa mahkamah mendapat permintaan yang tinggi bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Pada tahun 2011 terdapat 390 permintaan khidmat jurubahasa berbanding dengan 68 pada tahun 2008. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 63.10
PERKHIDMATAN KEJURUBAHASAAN MENGIKUT ACARA
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011

ACARA	TAHUN (Bil. Acara)			
	2008	2009	2010	2011
Seminar/Persidangan/Forum	7	12	14	11
Mesyuarat	37	30	49	42
Jurubahasa Pengiring/Mahkamah Dan Lain-lain	20	65	233	336
Sewa Peralatan *Simultaneous Interpretation System*	4	8	0	1
JUMLAH	**68**	**115**	**296**	**390**

Sumber: Bahagian Latihan Dan Kejurubahasaan

f. Pengurusan Aduan Pelanggan

Berdasarkan Pelan Strategik 2011-2015, ITBM menyasarkan pengurangan aduan sebanyak 5% setahun selaras dengan pelan tindakan bagi memastikan hasil terjemahan adalah tepat dan berkualiti serta penyerahan dokumen dalam tempoh

yang dijanjikan. Borang aduan terjemahan dikepilkan bersama bahan terjemahan semasa diserahkan kepada pelanggan. Sekiranya tiada maklum balas daripada pelanggan dalam tempoh masa 7 hari bekerja daripada tarikh nota hantaran, adalah dianggap pelanggan berpuas hati dengan bahan terjemahan yang dihantar. Selain itu, bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan, borang maklum balas pelanggan disediakan di kaunter khidmat pelanggan. Aduan pelanggan dipantau oleh Bahagian Perhubungan Awam di bawah Jabatan Korporat. Bagi aduan melibatkan kerja terjemahan, aduan tersebut disusul ke Bahagian Terjemahan Dokumen untuk diambil tindakan pembetulan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2011, hanya 4 aduan diterima daripada pelanggan berkaitan khidmat terjemahan berbanding 16 aduan pada tahun 2010. Aduan yang diterima dan diselesaikan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 63.11
ADUAN DITERIMA DAN DISELESAIKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011

TAHUN	BIL. ADUAN	BIL. ADUAN DISELESAIKAN	BIL. ADUAN BERKAITAN AKTIVITI UTAMA
2008	20	20	12
2009	17	17	5
2010	23	23	16
2011	5	5	4
JUMLAH	**65**	**65**	**37**

Pada pendapat Audit, prestasi aktiviti pada umumnya adalah baik di mana terdapat peningkatan output dari tahun ke tahun dari segi dokumen yang diterjemahkan, kursus yang diadakan serta acara yang melibatkan khidmat kejurubahasaan.

63.5.2.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama ITBM terdiri daripada khidmat terjemahan buku dan penerbitan, khidmat terjemahan dokumen, khidmat latihan/bengkel dan khidmat kejurubahasaan. Khidmat terjemahan buku dan penerbitan diuruskan oleh Bahagian Terjemahan Buku dan Bahagian Penerbitan; khidmat terjemahan dokumen diuruskan oleh Bahagian Terjemahan Dokumen manakala Bahagian Latihan/Kejurubahasaan bertanggungjawab terhadap khidmat latihan/bengkel serta khidmat kejurubahasaan. Pada keseluruhannya ITBM telah mematuhi prosedur kerja yang ditetapkan dan bayaran kepada penterjemah luar/sambilan, tenaga pengajar serta jurubahasa telah dibuat mengikut kadar yang ditetapkan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam urusan aktiviti ITBM seperti berikut:

a. Projek e-KAMUS Dan e-BOOK Gagal Mencapai Objektif

Objektif pembangunan Sistem Kamus Elektronik Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris (e-Kamus) adalah untuk memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu di kalangan rakyat Malaysia. Manakala Sistem Buku Elektronik (e-Book) adalah projek sosial di mana pelajar luar bandar dapat membaca buku secara percuma melalui e-Book *reader*. KPM telah memperuntukkan sejumlah RM1.4 juta untuk kedua-dua projek ini. ITBM telah melantik Amaniz IT Consultants Sdn. Bhd. (Amaniz) pada 1 November 2007 secara tender terbuka bagi membekal, mengedar, memasang, menguji guna, mengawal selia dan khidmat sokongan untuk e-Kamus dan e-Book. Nilai kontrak adalah berjumlah RM2.05 juta dan kontrak telah ditandatangani pada 29 November 2007. Syarikat 3F Resources Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai perunding dengan kos RM40,000 untuk menilai dan memastikan projek e-Kamus dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Skop kerja adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 63.12
SKOP KERJA PROJEK E-KAMUS DAN E-BOOK

SKOP KERJA	JUMLAH (RM Juta)
e-Kamus	
Development of Proprietary Software Dictionary Engine	0.80
Development of Morphology Module	0.11
Development of Dictionary Editor	0.12
Development of Sound Module	0.12
Development of Complier Module	0.19
Development of Spellchecker Module	0.28
Kos Bagi Pembangunan e-Kamus	**1.62**
e-Book	
Franklin EBM-911 eBookman (500 Unit)	0.36
HP Intergity Server RX3600	0.07
Kos Bagi Projek *e-Book*	**0.43**
JUMLAH KESELURUHAN	**2.05**

i. Syarikat 3F Resources Sdn. Bhd. telah melaporkan beberapa kelemahan hasil semakan kedua *Limited Review Due Diligence* yang dijalankan pada 15 Ogos 2008. Antara kelemahan yang dilaporkan adalah tiada dokumen *User Requirement Specification* (URS); kewujudan *Morphology Module* tidak dapat disahkan kerana tidak dinyatakan dalam dokumentasi yang disediakan atau *source code* yang diserahkan serta *Spellchecker Module* tidak berfungsi. Perunding telah mengesyorkan supaya ITBM memastikan Amaniz mengemukakan dokumen URS dan *Spellchecker Module* berfungsi.

ii. Pada 26 September 2008, satu *Settlement Agreement* telah ditandatangani antara ITBM dan Amaniz bagi menamatkan kontrak. Bayaran penyelesaian berdasarkan perjanjian tersebut adalah berjumlah RM400,000. Ini menjadikan keseluruhan bayaran kepada Amaniz adalah berjumlah RM1.38 juta berbanding kos asal iaitu RM2.05 juta. Segala hasil projek diserahkan kepada ITBM sebagai pemegang hak cipta. Pihak Audit tidak dapat mengenal pasti faktor yang membawa kepada *Settlement Agreement* berkenaan ditandatangani memandangkan tiada sebarang maklumat mengenainya.

Maklum Balas Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

ITBM mengambil keputusan untuk menamatkan kontrak tersebut memandangkan sistem ini tidak boleh diguna pakai kerana tidak menepati pasaran semasa. Sekiranya projek tersebut diteruskan, penambahan kos akan berlaku. Jika mengikut perjanjian, e-Book reader ini perlu diedarkan ke semua sekolah di seluruh Malaysia. Memandangkan spesifikasi e-Book reader ini tidak memenuhi piawaian semasa, pihak pengurusan mengambil keputusan agar sistem ini tidak diedarkan agar nama baik syarikat tidak terjejas.

iii. Tiada bukti menunjukkan kemajuan pelaksanaan projek dibincangkan dari semasa ke semasa dalam mesyuarat pengurusan ataupun mesyuarat Lembaga Pengarah.

iv. Lawatan Audit ke Bahagian Teknologi Maklumat ITBM pada 9 Januari 2012 mendapati 500 unit *ectaco partner B3 e-Book reader* yang berharga RM355,000 (**Gambar 63.1** dan **63.2**) dan perisian e-Kamus (**Gambar 63.3**) tidak berfungsi sebagaimana yang ditetapkan dalam kontrak.

GAMBAR 63.1



Bahagian Teknologi Maklumat ITBM
- Ectaco Partner B3 e-Book Reader Yang Tidak Dapat Berfungsi
(09.01.2012)

GAMBAR 63.2



Stor Bahagian Teknologi Maklumat ITBM
- Stok 500 Unit Ectaco Partner B3 e-Book Reader Yang Tidak Dapat Berfungsi
(09.01.2012)



GAMBAR 63.3

Bahagian Teknologi Maklumat ITBM
- Perisian e-Kamus Yang Tidak Dapat Berfungsi
(09.01.2012)

Maklum Balas Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

ITBM bersetuju dengan penemuan Audit dan akan memastikan setiap projek ICT dipantau dengan lebih rapi pada masa hadapan. Antara tindakan penambahbaikan yang diambil adalah syarikat ini telah membangunkan SOP bagi Perolehan Kewangan dan diguna pakai untuk setiap perolehan. Semua projek ICT melibatkan pihak berkepentingan selaku pelaksana dikawal selia oleh Bahagian Pentadbiran Dan Teknologi Maklumat serta dipantau oleh Jabatan Korporat bagi memastikan kelancaran projek. Semua projek tersebut dikendalikan mengikut prosedur perolehan kewangan dan mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Perolehan ITBM atau Lembaga Pengarah ITBM.

Pada pendapat Audit, projek ini tidak dilaksanakan dengan teratur menyebabkan pembangunan e-Kamus dan e-Book tidak mencapai objektifnya serta peruntukan yang disalurkan oleh pihak KPM tidak memberi *value for money* kepada ITBM. Bagi projek *ICT* seumpama ini di masa hadapan, Lembaga Pengarah perlu memastikan bahawa kontrak yang ditandatangani mengandungi klausa yang menjamin kepentingan syarikat serta pemantauan rapi dibuat oleh pengurusan ITBM.

b. *Total Management Information System* Masih Belum Digunakan Secara Optimum

Suatu kontrak telah dimeterai antara ITBM dan 3F Resources Sdn. Bhd. pada 2 Februari 2009 untuk membangunkan *Total Management Information System and IT Infrastructure* dengan kos berjumlah RM2.6 juta. Berdasarkan klausa 4.1.4 perjanjian tersebut, projek bermula pada 17 Disember 2008 dan siap pada 14 Ogos 2009 (173 hari). Keseluruhan pembangunan sistem pula telah dimuatkan ke dalam komputer pelayan utama bermula pada bulan Mei 2010 secara berperingkat

sehingga September 2011. Antara lain, pelaksanaan projek merangkumi pembangunan dua sistem perisian iaitu *Core Business System* dan *Support System*. *Core Business System* terdiri daripada 7 modul antaranya *Translation Management System* manakala *Support System* terdiri daripada 5 modul antaranya *Stock and Inventory Management System* dan sistem tersebut telah dimuatkan ke dalam komputer pelayan utama. Semakan Audit terhadap sampel modul yang dibangunkan mendapati perkara berikut:

i. **Data Penterjemah Masih Belum Dikemas Kini Ke Dalam Modul *Translation Management System***

Modul *Translation Management System* dibangunkan antaranya bertujuan sebagai sistem berasaskan web bagi mendokumentasikan proses penterjemahan secara keseluruhan, pengurusan dan pemantauan kerja penterjemahan, menyimpan data projek serta profil data penterjemah/editor bagi tujuan pengesanan dan pemilihan penterjemah yang bersesuaian. Berdasarkan Prosedur Operasi Standard Pelantikan Penterjemah Luar, kerja terjemahan perlu diagihkan supaya tidak hanya seorang penterjemah melakukan kebanyakan kerja terjemahan. Semakan Audit mendapati data lengkap senarai penterjemah masih belum dikemas kini dalam sistem.

Pada pendapat Audit, data penterjemah yang berdaftar dengan ITBM perlu dikemas kini dalam modul tersebut bagi memudahkan Bahagian Terjemahan memilih penterjemah bersesuaian dengan kepakaran supaya kualiti kerja serta kerja terjemahan tidak diberikan kepada individu dan syarikat yang sama.

Maklum Balas Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Data penterjemah menggunakan modul Translation Management System sedang dikemas kini kerana semasa lawatan Audit pada bulan Oktober 2011, modul sistem tersebut masih belum diguna pakai oleh ITBM. Semua data penterjemah sedia ada telah dimasukkan ke dalam modul sistem tersebut dan proses ini dibuat secara berterusan bagi pendaftaran penterjemah baru.

ii. **Pengemaskinian Data Ke Dalam Modul *Stock And Inventory System* Masih Belum Dijalankan**

Modul *Stock and Inventory System* dibangunkan bertujuan untuk menyediakan talian berasaskan web bagi menguruskan stok dan inventori syarikat serta data yang mudah diakses bagi tujuan analisis dan pelaporan. Semakan Audit mendapati data stok buku masih belum dikemas kini ke dalam modul *Stock and Inventory System.*

Pada pendapat Audit, bagi memudahkan kawalan dan keputusan dibuat mengenai stok buku, modul ini perlu segera digunakan.

Maklum Balas Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Modul sistem tersebut telah diserahkan oleh kontraktor pada bulan November 2011. Semasa lawatan Audit pada bulan Oktober 2011, modul tersebut sedang dalam proses percubaan guna pakai oleh staf ITBM. Bagaimanapun, modul

sistem tersebut telah diguna pakai dan data telah dimasukkan setelah proses percubaan selesai iaitu pada bulan Februari 2012.

iii. **Salinan Manuskrip Tidak Dimuat Naik Ke Dalam *Server***

Berdasarkan Prosedur Penyimpanan dan Pemuliharaan dalam Manual Operasi Standard ITBM, *softcopy* manuskrip dalam bentuk disket atau cakera padat hendaklah dimasukkan ke dalam kotak disket dan disimpan dalam rak cakera padat serta satu salinan *softcopy* akan dimuat naik ke dalam server. Semakan Audit terhadap sampel manuskrip mendapati semua salinan manuskrip disimpan dalam *external hard disk* dan *compact disc* di bawah kawalan seorang Eksekutif Penerbitan. Bagaimanapun, salinan *softcopy* tidak dimuat naik ke dalam server. Sebagai langkah kawalan dalaman bagi memastikan manuskrip disimpan dengan selamat, adalah wajar sekiranya salinan manuskrip dimuat naik ke dalam server melalui *Total Management Information System* supaya sistem yang dibangunkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Maklum Balas Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Oleh sebab terdapat ketidakpastian berhubung saiz penyimpanan data yang diperlukan semasa penyediaan dokumen tender, didapati ruang penyimpanan data sedia ada tidak dapat menampung keperluan untuk memuat naik keseluruhan salinan manuskrip. Bagi melaksanakan proses memuat naik keseluruhan salinan manuskrip, modul sistem Document Management System (e-DMS) digunakan sepenuhnya selewat-lewatnya pada hujung tahun 2012.

Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah perlu memastikan pihak pengurusan memantau prestasi penggunaan setiap modul yang dibangunkan di bawah *Total Management Information System* bagi memastikan objektif pembangunannya tercapai.

c. Penyimpanan Stok Buku

Stok buku terbitan ITBM disimpan di 2 buah lokasi iaitu di ruang pejabat yang disewa berhampiran pejabat ITBM (stor buku ITBM) dan ruang gudang KNB. Stor buku ITBM berkeluasan 1,650 kaki persegi mampu menampung 300,000 naskhah buku. Mengikut amalan, 200 naskhah setiap judul akan disimpan di sini bagi memenuhi permintaan segera dalam kuantiti kecil. Lokasi kedua penyimpanan stok buku ITBM adalah ruang gudang di bawah kawal selia KNB. Ruang gudang ini disewa dengan kos RM7,000 sebulan berdasarkan keluasan yang diperuntukkan kepada ITBM manakala transaksi bagi setiap kemasukan dan pengeluaran buku adalah RM4 setiap palet. Sewaan ruang penyimpanan ini dibuat secara kontrak selama 2 tahun dan satu tahun tempoh lanjutan. Lawatan Audit ke 2 lokasi tersebut mendapati kelemahan seperti berikut:

i. **Stor Buku ITBM**

- **Tiada Prosedur Operasi Standard Bagi Urusan Stor Buku**

  Semakan Audit mendapati prosedur operasi standard berkaitan urusan penerimaan stok buku, perekodan stok dan pengeluaran stok tidak disediakan bagi memudahkan urusan pemantauan stok buku. Mengikut

amalan, Borang Permintaan Buku diisi untuk urusan pengeluaran buku bagi rekod Bahagian Kewangan dan Unit Stor. *Auto Count POS System* digunakan bagi merekod dan mengemas kini stok keluar/stok masuk. Setiap awal bulan, pengiraan stok secara manual dijalankan oleh kakitangan Unit Stor dibantu oleh pegawai Bahagian Kewangan bagi mendapatkan baki bilangan stok keseluruhan.

Maklum Balas Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Tindakan segera akan diambil bagi menyediakan prosedur operasi standard ini selewat-lewatnya penghujung tahun 2012.

- **Tiada Pelabelan Bagi Menunjukkan Lokasi Buku**

  Lokasi buku di dalam stor hendaklah dilabelkan bagi memudahkan pengesanan serta pemantauan buku. Semakan Audit mendapati lokasi buku di dalam stor tidak dilabelkan di rak buku seperti ditunjukkan di gambar berikut:



GAMBAR 63.4

Stor Buku ITBM
- Rak Buku Yang Tidak Dilabel
(15.12.2011)

Maklum Balas Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Tindakan segera akan diambil dengan menyediakan pelabelan bagi menunjukkan lokasi buku selewat-lewatnya penghujung tahun 2012.

- **Perbezaan Baki Stok Buku Antara Rekod Dan Kiraan Fizikal**

  Pemeriksaan Audit pada 15 Disember 2011 di stor buku ITBM mendapati kiraan fizikal Audit berbeza dengan baki stok yang dikunci masuk ke dalam *Auto Count POS System*. Antara faktor berlaku perbezaan perkiraan adalah kerana rekod keluar/masuk stok buku tidak dikemaskinikan secara harian ke dalam sistem dan kiraan manual bagi mengesahkan baki stok yang tersimpan hanya dijalankan sekali setiap bulan. Contoh perbezaan baki stok buku antara rekod dan pengiraan fizikal adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 63.13
PERBEZAAN BAKI STOK BUKU ANTARA REKOD DAN PENGIRAAN FIZIKAL

TAJUK BUKU	TAHUN TERBIT	BIL. NASKHAH BUKU MENGIKUT *AUTO COUNT POS SYSTEM* 15.12.2011 (a)	BIL. NASKHAH BUKU MENGIKUT PENGIRAAN AUDIT 15.12.2011 (b)	PERBEZAAN NASKHAH (a)-(b)
Siri Penerokaan Sains ITNM - Bahan	2009	234	207	27
Peta Dan Cara Melakar Peta		222	196	26

TAJUK BUKU	TAHUN TERBIT	BIL. NASKHAH BUKU MENGIKUT *AUTO COUNT POS SYSTEM* 15.12.2011 (a)	BIL. NASKHAH BUKU MENGIKUT PENGIRAAN AUDIT 15.12.2011 (b)	PERBEZAAN NASKHAH (a)-(b)
Tanya Saya Soalan: Alam Semulajadi	2010	144	139	5
Pengantar Kejurubahasaan Mahkamah	2011	591	572	19
Siri Asas Sains Kimia - Bahan		434	429	5
Lukisan Hiasan		176	170	6
Jirim Bahan : Campuran, Sebatian & Larutan		619	655	-36
A Novel : Amina		54	44	10
Siri Asas Sains ITNM - Tenaga Elektrik	2012	498	441	57

Maklum Balas Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Penguatkuasaan ke atas prosedur penerimaan dan pengeluaran buku akan ditingkatkan bagi memastikan setiap transaksi direkodkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan dan penyimpanan stok buku di stor ITBM pada umumnya adalah memuaskan. Bagi memantapkan lagi kecekapan urusan stor, ITBM perlu segera menyediakan prosedur operasi standard serta menggunakan Modul *Stock and Inventory System* supaya pengurusan stor dibuat lebih teratur dan konsisten.

ii. **Ruang Gudang Kontena Nasional Berhad**

Semakan fizikal Audit di ruang gudang KNB telah dijalankan pada 22 Disember 2011. Semakan Audit mendapati:

- **Kontrak Perjanjian Formal Tidak Dimuktamadkan**

  Surat Setuju Terima pelantikan KNB bagi menyediakan perkhidmatan penyimpanan stok buku berkuat kuasa pada 1 Julai 2011. Pemindahan stok ke pejabat cawangan iaitu ruang gudang di KNB selesai sepenuhnya pada bulan September 2011. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Januari 2012 perjanjian kontrak formal masih belum dimuktamadkan.

Maklum Balas Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Kontrak antara ITBM dan KNB telah pun dimuktamadkan pada 5 April 2012 manakala perbincangan telah diadakan dengan KNB bagi menetapkan penempatan stok buku yang sesuai.

- **Pengiraan Stok Secara Manual**

  Pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai KNB mendapati pengiraan stok dijalankan secara manual. Ini adalah kerana sistem menjana laporan masih dalam proses pengubahsuaian. Mengikut pihak KNB, baki stok buku akan dikemas kini dalam sistem setelah pengiraan secara manual stok buku yang dikategorikan sebagai *loose* adalah tepat dan selesai sepenuhnya. Semakan Audit terhadap laporan pengiraan stok KNB mendapati baki stok buku pada awal bulan Disember 2011 adalah 907,895 naskhah. Semakan Audit selanjutnya mendapati terdapat lebihan buku yang

disimpan dalam kotak dan diletakkan di rak paling atas tetapi tidak dimasukkan dalam laporan pengiraan KNB seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 63.5



Gudang Kontena Nasional Berhad
- Lebihan Buku Yang Dikeluarkan Disimpan Dalam Kotak Dan Diletakkan Di Rak Paling Atas Tidak Dimasukkan Dalam Pengiraan Stok
(15.12.2011)

GAMBAR 63.6



Gudang Kontena Nasional Berhad
- Rekod Menunjukkan Buku The Epics Of Hang Tuah Tidak Mempunyai Baki Tetapi Terdapat Naskah Disimpan Dalam Kotak
(15.12.2011)

Maklum Balas Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Pihak pengurusan stor akan memantau dari semasa ke semasa dengan mewakilkan staf ITBM semasa proses kiraan stok fizikal dilakukan untuk mendapatkan laporan kedudukan stok yang lebih tepat.

- **Penyimpanan Stok Buku**

  Stok buku hendaklah disimpan di tempat yang sesuai dan selamat bagi menjamin kualiti buku. Semakan Audit mendapati terdapat stok buku yang diletak di atas lantai kerana ruang tidak mencukupi dan terdapat juga stok buku ditempatkan bersebelahan stok makanan. Sungguhpun stok buku ini dibalut bagi menjamin kualiti buku, risiko buku rosak dalam penyimpanan adalah tinggi. Keadaan stok buku adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 63.7



Gudang Kontena Nasional Berhad
- Stok Buku Disimpan Berhampiran Stok Minyak Masak
(15.12.2011)

GAMBAR 63.8



Gudang Kontena Nasional Berhad
- Stok Buku Diletakkan Atas Palet Di Atas Lantai Kerana Ruang Tidak Mencukupi
(15.12.2011)

Maklum Balas Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Menurut KNB, kesemua stok buku ITBM telah dipindahkan ke kawasan khas.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya urusan penyimpanan stok buku di ruang gudang KNB adalah memuaskan. Bagaimanapun, kontrak formal perlu dimuktamadkan lebih awal bagi menyelaras peranan dan tanggungjawab kedua-dua pihak supaya sebarang ketidakpatuhan terma dan syarat perjanjian dapat diambil tindakan sewajarnya.

d. Khidmat Latihan

i. **Prosedur Operasi Standard Khidmat Latihan Tidak Disediakan**

Bahagian Latihan dan Kejurubahasaan bertanggungjawab terhadap khidmat latihan dan aktiviti kejurubahasaan. Aktiviti tersebut perlu dilaksanakan mengikut perancangan bagi memastikan objektif ITBM tercapai. Semakan Audit mendapati Prosedur Khidmat Kejurubahasaan telah disediakan dalam Manual Operasi Standard ITBM. Bagaimanapun, Prosedur Khidmat Latihan berkaitan lantikan tenaga pengajar, caj pembayaran tenaga pengajar serta penetapan modul bengkel/kursus yang dijalankan oleh ITBM masih belum didokumentasikan.


Maklum Balas Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Prosedur operasi standard bagi khidmat latihan telah disediakan dan sedang disemak oleh pihak pengurusan ITBM.

ii. **Kemudahan Makmal Bahasa/Bilik Latihan Telah Dinaik Taraf**

Kemudahan tempat pembelajaran serta peralatan pengajaran adalah amat penting bagi memastikan suasana pembelajaran yang efektif dan berkesan serta memastikan keselesaan kepada pelajar mendapatkan khidmat latihan di ITBM. Pada tahun 2004, pihak Audit ada membangkitkan isu kemudahan/peralatan untuk khidmat latihan adalah kurang sempurna dan tidak mencukupi. Bagaimanapun, semakan fail dan pemeriksaan fizikal, sebuah makmal bahasa dan 2 buah bilik latihan telah dinaik taraf secara berperingkat pada tahun 2010. Sebahagian kos naik taraf kemudahan bagi khidmat latihan ini adalah menggunakan peruntukan pembangunan yang disalurkan melalui RMKe-9 berjumlah RM1.0 juta. Gambar berikut menunjukkan keadaan makmal bahasa dan bilik latihan ITBM.

GAMBAR 63.9



Bilik Latihan Aras 4
- Keadaan Bilik Latihan Yang Dinaik Taraf
(09.01.2012)

GAMBAR 63.10



Makmal Bahasa Aras 4
- Keadaan Persekitaran Dan Kemudahan Di Bilik Makmal Bahasa ITBM
(09.01.2012)

63.5.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

63.5.3.1. Tadbir Urus Korporat

a. Terma Rujukan Lembaga Pengarah

Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2007 telah menetapkan bahawa terma rujukan Lembaga Pengarah perlu diwujudkan bagi memperincikan peranan dan kelayakan bagi pelantikan setiap ahli Lembaga Pengarah di mana mereka yang dilantik hendaklah mempunyai kepakaran, pengetahuan, pengalaman di samping mempunyai integriti dan tahap profesionalisme yang tinggi. Terma rujukan Lembaga Pengarah tersebut juga mestilah ditetapkan dan dinilai setiap 2 tahun. Semakan Audit mendapati sehingga Disember 2011 tiada bukti menunjukkan terma rujukan disediakan bagi memperincikan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah ITBM. **Pada pendapat Audit, ITBM perlu mengambil tindakan segera untuk menyediakan terma rujukan tersebut kerana ia adalah penting sebagai panduan kepada Ahli Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawab mereka sejajar dengan perkembangan operasi ITBM.**

Maklum Balas Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Tindakan segera telah diambil dan terma rujukan Lembaga Pengarah dijangka siap selewat-lewatnya penghujung tahun 2012.

b. Rancangan Korporat

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menyatakan bahawa setiap syarikat perlu menyediakan Rancangan Korporat dan menetapkan strateginya untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang dan rancangan tersebut perlu selaras dengan objektif penubuhannya. Semakan Audit mendapati Rancangan Korporat yang mengandungi visi, misi, pelan perniagaan, pelan tindakan dan KPI telah disediakan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015.

63.5.3.2. Pengurusan Kewangan Syarikat

Akta Syarikat 1965 menetapkan Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan aset syarikat diuruskan dengan cekap, teratur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Prosedur Perekodan Harta Tetap dalam Manual Operasi Standard ITBM pula menyatakan bahawa Eksekutif Kewangan hendaklah mengemas kini Daftar Harta Tetap secara bulanan dengan mengambil kira perubahan yang berlaku. Daftar Harta Tetap hendaklah mengandungi maklumat seperti tarikh belian, jenis dan keterangan harta, nombor siri harta *(tagging)*, kos harta, lokasi harta, asas susut nilai, susut nilai terkumpul, susut nilai bulanan dan nilai buku bersih. Semakan Audit mendapati Daftar Aset yang diselenggarakan tidak mengandungi butiran seperti yang ditetapkan dalam Manual Operasi Standard ITBM iaitu tiada butiran asas susut nilai, susut nilai terkumpul, susut nilai bulanan dan nilai buku bersih. Selain itu, Daftar Aset yang diselenggarakan adalah tidak lengkap dan kemas kini kerana terdapat aset syarikat yang tidak direkodkan dalam daftar tersebut. Antara aset yang bernilai tinggi dan tidak direkodkan adalah *Shrink Tunnel Machine* dan *L-Sealer Machine* yang disimpan dalam stor ITBM (**Gambar 63.11** dan **63.12**). Pihak Audit juga mendapati daftar aset yang diselenggarakan tidak menyenaraikan aset ICT seperti komputer, komputer riba dan mesin pencetak. Maklumat aset ICT yang diberikan adalah maklumat penyenggaraan yang dilakukan terhadap aset tersebut. Pemeriksaan Audit juga mendapati terdapat aset yang tidak dilabel (**Gambar 63.13** hingga **63.15**) bagi memudahkan urusan pengesanan.

GAMBAR 63.11



Stor Buku ITBM
- Shrink Tunnel Machine Yang Berharga RM3,500
Dan Diperolehi Pada 12 Julai 2010 Tidak
Direkodkan Dalam Daftar Aset
(09.01.2012)

GAMBAR 63.12



Stor Buku ITBM
- L-Sealer Machine Yang Berharga RM3,300
Dan Diperolehi Pada 12 Julai 2010 Tidak
Direkodkan Dalam Daftar Aset
(09.01.2012)

GAMBAR 63.13



GAMBAR 63.14



Pejabat ITBM
- Komputer Dan Mesin Faks Yang Tidak Dilabel
(09.01.2012)



GAMBAR 63.15

Pejabat ITBM
- TV LCD Yang Tidak Dilabel
(09.01.2012)

Maklum Balas Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Yang Diterima Pada 13 Jun 2012

Kajian semula dan penambahbaikan berhubung prosedur operasi standard Pengurusan Aset akan dibuat selewat-lewatnya pada bulan Disember 2012 bagi memastikan data aset sentiasa dikemas kini dan diselenggarakan dengan baik menggunakan Modul Stock And Inventory System.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan ITBM telah mematuhi peraturan yang ditetapkan kecuali mengenai terma rujukan Lembaga Pengarah dan pengemaskinian daftar aset yang kurang memuaskan. Sehubungan itu, ITBM perlu memastikan rekod aset dikemas kini dari semasa ke semasa bagi memastikan keselamatan harta syarikat.

63.6. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan lagi pencapaian aktiviti dan tadbir urus organisasi adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

63.6.1. Lembaga Pengarah ITBM perlu sentiasa memantau projek yang dilaksanakan dari semasa ke semasa dengan rapi bagi memastikan objektif dicapai dan dapat dimanfaatkan seperti yang disasarkan.

63.6.2. Pengurusan ITBM perlu memastikan penggunaan modul dalam *Total Management Information System* yang telah dibangunkan digunakan secara optimum bagi memastikan ITBM mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dilakukan.

63.6.3. Pengurusan ITBM perlu segera menyediakan prosedur operasi standard bagi memastikan pengurusan stor serta khidmat latihan dibuat dengan lebih teratur dan konsisten.

63.6.4. Lembaga Pengarah perlu memastikan ITBM mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 serta semua pekeliling yang telah dikeluarkan bagi memastikan tadbir urus dan pengurusan aset ITBM lebih teratur.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 514-526
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN KEWANGAN

64. SIRIM BERHAD

64.1. LATAR BELAKANG

64.1.1. Institut Standard Malaysia (SIM) ditubuhkan sebagai Jabatan Kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Dan Industri pada awal 1966. Pada bulan Oktober 1966 Akta Standard No. 76, 1966 diluluskan di Parlimen untuk menjadikan SIM sebagai badan standard kebangsaan dan di bawah pentadbiran Majlis Standard. Akta Standard memberi Majlis Standard kuasa untuk pengisytiharan standard dan mengeluarkan lesen pensijilan. Pada tahun 1974, SIM telah bergabung dengan *National Institute for Scientific and Industrial Research* (NISIR) dan menjadi badan berkanun dengan nama SIRIM melalui Akta SIRIM (Pengkorporatan), 1975 yang berkuat kuasa mulai 15 September 1975.

64.1.2. Pada 1 September 1996, SIRIM telah dikorporatkan dan dikenali sebagai SIRIM Berhad (SIRIM) dan beroperasi dengan modal berbayar berjumlah RM70 juta daripada RM500 juta yang dibenarkan. Setakat 31 Disember 2011, SIRIM mempunyai 4 subsidiari milik penuh seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.1
SENARAI SUBSIDIARI SIRIM BERHAD

NAMA ANAK SYARIKAT	PERATUS PEGANGAN SAHAM	AKTIVITI UTAMA
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.	100	Pensijilan, Pemeriksaan Dan Perkhidmatan Pengujian
SIRIM Training Services Sdn. Bhd.	100	Khidmat Latihan
National Precision Tooling (Malaysia) Sdn. Bhd.	100	Perolehan Aset, Sewa/Pajak, Pengurusan, Pembangunan Modal Insan Dan *Technology Experts Engagement Program*
SIRIM Rapid Prototyping Services Sdn. Bhd.	100	Tidak Aktif

64.1.3. Aktiviti utama SIRIM dibahagikan kepada 4 kategori iaitu Penyelidikan dan Teknologi, Standard dan Kualiti, Kejuruteraan dan Reka bentuk dan Hab Pemindahan Teknologi seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.2
KETERANGAN AKTIVITI UTAMA SIRIM BERHAD

AKTIVITI	KETERANGAN AKTIVITI
Penyelidikan Dan Teknologi	Menjalankan dan menguruskan perkhidmatan berkaitan penyelidikan dan pembangunan; Kontrak penyelidikan; Pembangunan produk; Penilaian dan *Characterisation;* Kejuruteraan proses; dan Latihan dan Konsultansi.
Standard Dan Kualiti	Menjalankan aktiviti berkaitan dengan perkhidmatan pengukuran dan kalibrasi; Perundangan metrologi; Pengurusan dan pembangunan standard; Khidmat nasihat teknikal dan penjenamaan; Pembangunan keusahawanan; dan Penjualan standard.
Kejuruteraan Dan Rekabentuk	Menyediakan perkhidmatan seperti kejuruteraan dan reka bentuk; Pembangunan produk; Khidmat kejuruteraan; Kejuruteraan loji/kilang; Peralatan mesin; Automotif; Komponen; Reka bentuk sistem; dan Konsultasi.
Hab Pemindahan Teknologi	Menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan *clean environment for society; Boosting manufacturing; Affordable and sustainable energy; Harnessing and preserving natural resources; Vibrant healthcare;* Meningkatkan mutu keselamatan; dan Kawalan awam dan industri.

64.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

64.2.1. prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut;

64.2.2. pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur, berhemat dan selaras dengan objektif yang ditetapkan;

64.2.3. pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan; dan

64.2.4. pengurusan syarikat subsidiari telah dipantau oleh syarikat induk selaras dengan objektif yang ditetapkan.

64.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan, pengurusan kewangan, tadbir urus syarikat dan aktiviti utama SIRIM dari tahun 2008 hingga 2011. Dua aktiviti yang telah dipilih adalah Penyelidikan dan Teknologi serta Kejuruteraan dan Reka bentuk. Pengauditan dilaksanakan merangkumi pengurusan projek komersial dan penyelidikan, pengurusan Bahagian Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan.

64.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen di 3 tempat iaitu di ibu pejabat SIRIM, pejabat luar kampus SIRIM di Pusat Penyelidikan Bahan Termaju (AMREC) di Kulim, Kedah dan di *National Centre for Machinery and Tooling Technology* di Rasa, Hulu Selangor dan pejabat Menteri Kewangan Diperbadankan. Lawatan fizikal juga telah dibuat terhadap 5 lokasi projek yang berkaitan seperti di Kulim Kedah, Semporna, Tawau, Tambunan dan Beaufort di Sabah. Perbincangan serta temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab juga telah dijalankan.

64.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2011 hingga Mac 2012 mendapati perkara berikut:

i. SIRIM mengalami peningkatan dalam untung bersih iaitu RM15.64 juta pada tahun 2009 berbanding RM1.16 juta pada tahun 2008. Bagaimanapun, ia menurun pada tahun 2010 kepada RM6.91 juta dan RM6.62 juta pada tahun 2011. Penurunan untung bersih ini adalah disebabkan oleh pengurangan pendapatan daripada aktiviti komersial dan peningkatan kos jualan. Peningkatan pada tahun 2009 adalah disebabkan kos jualan yang rendah dengan tahun 2008, 2010 dan 2011;

ii. pengurusan aktiviti secara keseluruhannya adalah baik namun didapati berlaku kelemahan seperti tiada klausa-klausa penting di dalam perjanjian/memorandum persefahaman yang ditandatangani; ketidakpatuhan ke atas peraturan yang telah ditetapkan; tanggungjawab penyerahan projek tidak jelas dan hasil projek yang tidak digunakan secara optimum; dan

iii. pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat juga didapati baik kecuali beberapa aspek dalam pengurusan aset. Pengurusan syarikat subsidiari telah dipantau oleh syarikat induk selaras dengan objektif yang ditetapkan dan didapati prestasi kewangannya secara keseluruhan adalah baik.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui dan maklum balas SIRIM adalah seperti di perenggan berikut:

64.5.1. Prestasi Kewangan

64.5.1.1. Analisis Penyata Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi Syarikat

Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi sebenar SIRIM untuk tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti di jadual berikut:


JADUAL 64.3
KEDUDUKAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI SIRIM BERHAD BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009, 2010 DAN 2011

BUTIRAN	2008 (RM juta)	2009 (RM juta)	2010 (RM juta)	2011* (RM juta)
Pendapatan	137.52	162.30	162.55	152.02
Kos Jualan	(97.56)	(88.26)	(105.28)	(103.66)
Untung Kasar	**39.96**	**74.04**	**57.27**	**48.36**
Lain-lain Pendapatan Operasi	25.20	28.17	32.55	32.14
Pendapatan Tertangguh Yang Diiktiraf	68.31	57.03	63.04	74.04
Perbelanjaan Pentadbiran	(88.06)	(91.99)	(87.56)	(87.65)
Lain-lain Perbelanjaan Operasi	(52.09)	(61.14)	(60.87)	(67.49)
Untung/(Rugi) Operasi	**(6.68)**	**6.11**	**4.43**	**(0.60)**
Pendapatan Faedah	13.40	12.34	9.81	10.10
Keuntungan Sebelum Cukai	**6.72**	**18.45**	**14.24**	**9.50**
Cukai	(5.56)	(2.81)	(7.33)	(2.88)
Untung/(Rugi) Bersih Semasa	**1.16**	**15.64**	**6.91**	**6.62**

Nota: (*) - Berdasarkan Penyata Kewangan Belum Diaudit

a. Adalah diperhatikan jumlah pendapatan yang diperolehi oleh SIRIM telah meningkat dari RM137.52 juta pada tahun 2008 kepada RM162.30 juta pada tahun 2009 dan RM162.55 juta pada tahun 2010. Bagaimanapun, pendapatan telah menurun kepada RM152.02 juta pada tahun 2011. Ini adalah disebabkan oleh penurunan pendapatan daripada aktiviti komersial dan dividen. Analisis pendapatan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti di carta berikut:

CARTA 64.1
ANALISIS TREND PENDAPATAN SIRIM BERHAD BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011




b. Perbelanjaan pentadbiran yang dicatatkan pada tahun 2009 menunjukkan peningkatan sebanyak RM3.93 juta atau 4.5% berbanding tahun 2008. Kos pentadbiran bagaimanapun menurun pada tahun 2010 iaitu sejumlah RM4.43 juta atau 4.8% dan meningkat semula pada tahun 2011 sebanyak RM0.09 juta atau 0.1%.

c. Kos jualan yang menurun kepada RM88.26 juta pada tahun 2009 berbanding RM97.56 juta pada tahun 2008 telah memberi kesan positif kepada untung bersih yang meningkat kepada RM15.64 juta pada tahun 2009 berbanding dengan tahun 2008 yang berjumlah RM1.16 juta. Bagaimanapun, kos jualan telah meningkat kepada RM105.28 juta pada tahun 2010 dan sedikit turun kepada RM103.66 juta pada tahun 2011. Manakala, untung bersih terus berkurangan kepada RM6.91 juta pada tahun 2010 dan RM6.62 juta pada tahun 2011.

d. Pada tahun 2008, SIRIM telah menerima sejumlah RM99.53 juta geran dari Kerajaan manakala pada tahun 2009 dan 2010 jumlah yang diterima adalah RM46.85 juta dan RM99.17 juta. Bagaimanapun, pada tahun 2011 hanya sejumlah RM9.85 juta telah diterima iaitu pengurangan sebanyak RM89.32 juta atau 90.1%. Penerimaan geran daripada Kerajaan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti di carta berikut:

CARTA 64.2
PENERIMAAN GERAN DARIPADA KERAJAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011



64.5.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan SIRIM, analisis nisbah semasa, margin keuntungan kasar dan margin keuntungan bersih telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2008, 2009 dan 2010. Hasil analisis adalah seperti berikut:

JADUAL 64.4
ANALISIS NISBAH BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

NISBAH	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a/b)
NISBAH SEMASA	2008	482.01	231.29	2.08 : 1
	2009	456.27	225.03	2.03 : 1
	2010	418.08	199.39	2.10 : 1
	Tahap kecairan syarikat meningkat daripada 2.03 kali dalam tahun 2009 kepada 2.10 kali dalam tahun 2010. Peningkatan adalah disebabkan jumlah pemiutang telah berkurang dan pendahuluan yang diterima untuk projek dan seminar juga berkurangan.			

NISBAH	TAHUN	UNTUNG /(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN PELARASAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a/b)
MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH	**2008**	1.16	137.52	0.01
	2009	15.64	162.30	0.10
	2010	6.91	162.55	0.04
	SIRIM mengalami margin keuntungan RM0.01 pada tahun 2008, RM0.10 pada tahun 2009 dan RM0.04 pada tahun 2010 bagi setiap ringgit pendapatan. Margin keuntungan yang tinggi dalam tahun 2009 adalah disebabkan kos jualan tahun tersebut adalah rendah iaitu RM88.26 juta berbanding dengan RM97.56 juta dalam tahun 2008 dan RM105.28 juta tahun 2010.			
NISBAH	**TAHUN**	**UNTUNG/RUGI BERSIH SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)**	**JUMLAH ASET (RM Juta) (b)**	**NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET (a/b)**
NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET	**2008**	1.16	1,164.82	0.10
	2009	15.64	1,162.64	1.35
	2010	6.91	1,128.83	0.61
	Bagi setiap ringgit aset digunakan, SIRIM mencatatkan pulangan hasil yang tinggi dalam tahun 2009 iaitu RM1.35 berbanding RM0.10 pada tahun 2008. Namun pulangan menurun dalam tahun 2010 kepada RM0.61. Ini disebabkan untung selepas cukai yang menurun daripada RM15.64 juta dalam tahun 2009 kepada RM6.91 juta dalam tahun 2010.			
NISBAH	**TAHUN**	**UNTUNG/RUGI BERSIH SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)**	**JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)**	**NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI (a/b)**
NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI	**2008**	1.16	70	1.67
	2009	15.64	70	22.39
	2010	6.91	70	9.87
	Pulangan terhadap pemegang ekuiti adalah memuaskan di mana ianya mencatatkan keuntungan bersih bagi tahun 2008 hingga 2010 walaupun berlaku penurunan dalam tahun 2010. Nisbah tersebut menunjukkan bahawa syarikat boleh menguruskan modal dengan baik.			

64.5.1.3. Prestasi Aliran Tunai

a. Prestasi aliran tunai SIRIM adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.5
PENYATA ALIRAN TUNAI SIRIM BERHAD
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

BUTIRAN	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Aliran Tunai (Keluar) Bersih Daripada Aktiviti Operasi	(1.95)	(44.85)	(53.37)
Aliran Tunai (Keluar) Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan	(78.49)	(42.20)	(28.18)
Aliran Tunai Masuk Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan	97.66	45.54	48.17
(Kurangan)/Tambahan Bersih Tunai Dan Bersamaan Tunai	17.22	(41.51)	(33.38)
Tunai Dan Bersamaan Tunai Pada Awal Tahun Kewangan	406.68	423.90	382.39
Tunai Dan Bersamaan Tunai Pada Akhir Tahun Kewangan	423.90	382.39	349.01

b. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, prestasi aliran tunai SIRIM secara keseluruhannya adalah semakin menurun. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam penggunaan tunai bagi aktiviti operasi dan pengurangan terimaan geran Kerajaan.

Maklum Balas SIRIM Berhad Yang Diterima Pada 19 Jun 2012

Beberapa langkah telah diambil sejak tahun 2011 bagi meningkatkan prestasi kewangan antaranya langkah-langkah penjimatan perbelanjaan, penubuhan Jabatan Pemantauan Projek, penilaian prestasi pendapatan pertengahan tahun dan mengkaji semula jenis-jenis perkhidmatan yang ditawarkan. Selain itu bagi tahun 2012, langkah bagi meningkatkan prestasi kewangan SIRIM Berhad adalah

antaranya menyediakan Perancangan Strategik lima (5) tahun yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah; melaksanakan Pelan Perniagaan (Business Positioning) termasuk menyenaraikan aktiviti-aktiviti yang berorientasikan komersial bagi meningkatkan pendapatan; mengkaji semula projek yang bersifat Corporate Social Responsibility bagi mengimbangkan impak dan kos yang ditanggung bagi setiap projek dan melaksanakan kajian produktiviti.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan SIRIM bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah baik. SIRIM perlu meneruskan usaha bagi meningkatkan lagi prestasi kewangannya terutama margin keuntungan bersih yang mula menunjukkan penurunan.

64.5.2. Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti

64.5.2.1 Prestasi Aktiviti Secara Menyeluruh

a. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

i. SIRIM telah menetapkan 4 aktiviti utama iaitu Penyelidikan dan Teknologi, Standard dan Kualiti, Kejuruteraan dan Reka Bentuk serta Hab Pemindahan Teknologi. Pihak Audit tidak dapat menentukan sasaran dan pencapaian berdasarkan aktiviti kerana petunjuk prestasi utama (KPI) yang disediakan oleh syarikat adalah berdasarkan kepada 4 elemen iaitu Kewangan, Pembelajaran dan Pertumbuhan, Perspektif Pelanggan dan Proses Dalaman. Bagaimanapun, empat elemen ini tidak dapat mewakili 4 aktiviti utama yang telah ditetapkan itu. Butiran pencapaian KPI untuk tempoh tahun 2009, 2010 dan 2011 bagi 4 elemen itu adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.6
PENCAPAIAN SEBENAR KPI
PADA TAHUN 2009, 2010 DAN 2011

TAHUN/ELEMEN	2009			2010			2011		
	S (%)	P (%)	CAPAI (Ya/ Tidak)	S (%)	P (%)	CAPAI (Ya/ Tidak)	S (%)	P (%)	CAPAI (Ya/ Tidak)
a. Kewangan									
Untuk mencapai pendapatan komersial 2 kali ganda.	20.0	18.0	Tidak	20.0	15.5	Tidak	*	*	*
Untuk mencapai margin untung bersih minimum 5%									
Untuk melabur dalam aset dan aktiviti yang dapat menjana nilai kepada Kumpulan									
Untuk meningkatkan produktiviti kewangan (margin untung bersih) 10%	*	*	*	*	*	*	20.0	23.0	Ya
Untuk mewujudkan kebebasan kewangan melalui sumber kewangan selain Kerajaan	*	*	*	*	*	*		4.2	Tidak
b. Perspektif Pelanggan									
Melaksanakan projek yang menaikkan SIRIM sebagai *Centre of Excellence*	40.0	71.4	Ya	40.0	52.6	Ya	*	*	*
Membangun dan menyampaikan penyelesaian yang inovatif dalam bidang teknologi dan kualiti untuk kepuasan pelanggan									
Untuk memahami keperluan pelanggan bagi menyampaikan perkhidmatan dengan berkesan									
Untuk mengkomersialkan dan menyampaikan produk baru yang akan bersaing dipasaran	*	*	*	*	*	*	40.0	29.5	Tidak
Untuk menambahbaik portfolio pelanggan tempatan dan antarabangsa	*	*	*	*	*	*			
c. Proses Dalaman									
Memastikan tadbir urus yang baik	10.0	10.0	Ya	10.0	7.6	Tidak	*	*	*
Meningkatkan proses dan sistem *market driven*							*	*	*

TAHUN/ELEMEN	2009			2010			2011		
	S (%)	P (%)	CAPAI (Ya/ Tidak)	S (%)	P (%)	CAPAI (Ya/ Tidak)	S (%)	P (%)	CAPAI (Ya/ Tidak)
Mengoptimumkan penggunaan sumber	*	*	*	*	*	*	10.0	7.2	Tidak
Mengamalkan sistem penyampaian yang cemerlang melalui polisi dan alat sistem kualiti	*	*	*	*	*	*			
d. Pembelajaran dan Pertumbuhan									
Membangunkan *talent pool*	30.0	52.7	Ya	30.0	20.9	Tidak	*	*	*
Membangunkan kebolehan teknikal dalam bidang-bidang *Centres of Excellence*							*	*	*
Memupuk budaya inovasi dan prestasi tinggi melalui inisiatif pembangunan sumber							*	*	*
Mewujudkan kumpulan pakar dan bakat baru melalui program pembangunan insan dan budaya belajar.	*	*	*	*	*	*	30.0	21.3	Tidak
Memupuk budaya 1SIRIM	*	*	*	*	*	*			

Nota: ***(*) - KPI Telah Dikemaskini Kepada KPI Yang Baru***
S - Sasaran ***P - Pencapaian***

ii. Semakan Audit mendapati pada tahun 2009 terdapat 8 KPI yang memenuhi sasaran manakala 3 KPI tidak memenuhi sasaran iaitu bagi elemen kewangan di mana SIRIM hanya dapat mencapai 18% daripada 20% yang telah ditetapkan. Bagi tahun 2010 pula, hanya 3 elemen yang mencapai sasaran yang ditetapkan manakala 8 KPI tidak memenuhi sasaran iaitu elemen kewangan, proses dalaman serta pembelajaran dan pertumbuhan. Bagi tahun 2011 didapati SIRIM telah mengemas kini petunjuk KPI. Bagaimanapun, hanya 1 elemen yang mencapai sasaran yang ditetapkan manakala 7 elemen lain tidak memenuhi sasaran yang ditetapkan.

Maklum Balas SIRIM Berhad Yang Diterima Pada 19 Jun 2012

Pada tahun 2012, setiap sasaran ditetapkan di peringkat Bahagian Korporat kemudian diagihkan dan diperincikan KPI tersebut mengikut aktiviti setiap bahagian/pusat.

Pada pendapat Audit, pihak pengurusan SIRIM perlu menilai semula faktor yang menyebabkan KPI bagi setiap elemennya yang tidak dapat dicapai. Selain daripada pembentangan KPI kepada Lembaga Pengarah, satu pelan tindakan yang lebih komprehensif perlu dirangka bagi meningkatkan pencapaian prestasi setiap KPI.

b. Perbandingan Sasaran Dengan Pencapaian Sebenar

i. Pendapatan Berbanding Sasaran

Pencapaian prestasi untung sebelum cukai telah melebihi sasaran bagi tahun 2008 hingga 2010. Ini kerana pengurangan dalam perbelanjaan operasi sebenar berbanding sasaran. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.7
PENCAPAIAN KEWANGAN SIRIM
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008, 2009 DAN 2010

BUTIRAN	2008			2009			2010		
	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	PERBEZAAN (RM Juta)	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	PERBEZAAN (RM Juta)	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	PERBEZAAN (RM Juta)
Pendapatan	294.61	244.43	(50.18)	260.99	259.85	(1.14)	260.52	267.94	7.42
Perbelanjaan	(289.11)	(237.71)	51.40	(259.43)	(241.38)	18.05	(259.92)	(253.71)	6.21
Untung Sebelum Cukai	5.50	6.72	1.22	1.56	18.47	16.91	0.60	14.23	13.63

ii. Walaupun secara keseluruhan didapati prestasi untung sebelum cukai SIRIM adalah memuaskan tetapi prestasi terhadap pendapatan komersial tidak memenuhi sasaran yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.8
PENDAPATAN KOMERSIAL SEBENAR BERBANDING SASARAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008, 2009 DAN 2010

TAHUN	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	PERBEZAAN (RM Juta)	PERATUS PERBEZAAN
2008	127.01	97.95	(29.06)	(22.9)
2009	107.84	86.70	(21.14)	(19.6)
2010	136.00	101.83	(34.17)	(25.1)

iii. Penurunan pendapatan bagi tahun 2009 berbanding 2008 adalah kesan daripada krisis ekonomi dunia. Walaupun keadaan ekonomi dunia pada tahun 2010 bertambah baik, proses pemulihan yang mengambil masa menunjukkan bahawa aktiviti syarikat sangat sensitif kepada keadaan ekonomi yang tidak stabil.

64.5.2.2. Prestasi Dan Pengurusan Program

Adalah didapati pengurusan aktiviti secara keseluruhannya adalah baik dari segi proses permohonan, penetapan harga, kelulusan dan penyenggaraan dokumen. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian seperti berikut:

a. Pengurusan Projek Komersial

i. Pendapatan Komersial merujuk kepada semua pendapatan yang diperolehi hasil dari aktiviti penjualan seperti perkhidmatan teknikal, khidmat nasihat dan konsultansi, pembangunan dan kemahiran latihan, pemindahan teknologi, pendapatan antara syarikat (inter-company), penjualan label dan standard kepada pelanggan sama ada industri mahupun agensi Kerajaan. Proses pelaksanaan projek komersial ini adalah berdasarkan kepada Pekeliling SIRIM No. 47 yang dikeluarkan pada 13 November 2002 mengenai Pemberian Perkhidmatan Kepada Pelanggan dan prosedur standard yang dikeluarkan mengikut bahagian. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, sejumlah RM232.93 juta telah diperolehi daripada pendapatan komersial. Jadual berikut menunjukkan pecahan pendapatan komersial:

JADUAL 64.9
PECAHAN PENDAPATAN KOMERSIAL SIRIM
SIRIM BAGI TEMPOH TAHUN 2008, 2009, 2010 DAN 2011

JENIS PENDAPATAN KOMERSIAL	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Perkhidmatan Teknikal	*	36.21	44.17	12.95	93.33
Konsultansi Dan Khidmat Nasihat	*	-	-	17.49	17.49
Pembangunan Dan Latihan Kemahiran	*	14.63	16.96	3.55	35.14
Pemindahan Teknologi	*	-	0.80	-	0.80
Inter Company	*	-	-	16.71	16.71
Jualan	2.24	2.03	2.00	1.33	7.60
Lain-lain Pendapatan	-	0.27	-	1.71	1.98
Aktiviti Penyelidikan	4.73	*	*	*	4.73
Aktiviti Pembangunan Kontrak	0.19	*	*	*	0.19
Aktiviti Komersial/Industri	50.15	*	*	*	50.15
Projek, Kursus, Seminar	4.81	*	*	*	4.81
JUMLAH	**62.12**	**53.14**	**63.93**	**53.74**	**232.93**

Nota: (*) - Pengelasan Semula Aktiviti Mulai Tahun 2009

ii. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011, SIRIM mempunyai sebanyak 262 projek komersial yang melibatkan 89 pelanggan yang terdiri daripada agensi Kerajaan dan industri seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.10
BILANGAN PROJEK KOMERSIAL DAN PELANGGAN
SIRIM BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011

JENIS PELANGGAN	BIL. PROJEK	BIL. PELANGGAN
Agensi Kerajaan	115	27
Industri	147	62
JUMLAH	**262**	**89**

iii. Daripada 262 projek komersial yang dijalankan, sebanyak 16 projek komersial seperti di **Jadual 64.11** di bawah telah dipilih untuk diaudit. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian oleh SIRIM dan antaranya adalah seperti berikut:

JADUAL 64.11
SAMPEL PROJEK KOMERSIAL YANG DISEMAK

NAMA PROJEK	PELANGGAN	KOS PROJEK (RM)	TARIKH MULA	KEDUDUKAN SEHINGGA BULAN FEBRUARI 2012
Penilaian Dan Pemantauan Geran SMIDEC	Perbadanan Perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC)	TM	2002	Siap pada 2008
Mini Hydro Generator System (HYGENS)	*World Association of Industrial And Technological Research Organisation* (WAITRO)	350,000	18.02.2008	Siap pada 28.10.2009
Pembangunan Prototaip Untuk Sistem Pengkulturan Dan Penuaian Rumpair Secara Raga	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang diwakili oleh Jabatan Perikanan	1,800,000	17.04.2009	Dalam proses tuntutan insurans atas kehilangan enjin bot
Pembangunan Produk-Produk Kosmetik		480,000		Siap pada 02.06.2011
Pembangunan Sistem Pengeringan Solar Di Lautan		1,200,000		
MID Sabah - Teknologi Kosmetik	*Ministry Of Industrial Developtment, Sabah*	1,419,000	29.08.2008	Siap pada bulan Disember 2010
MID Sabah - Teknologi Foundri		1,128,041		
MID Sabah - Teknologi Mekanisasi		953,827		Siap pada 26.04.2011
Groom Big - Kosmetik (Herba Miti)	Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI)	1,250,000	Bulan Julai 2010	Belum siap. (Projek yang sama di bawah Kementerian yang berbeza)
Groom Big Kosmetik – MECD	Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MECD)	6,500,000	18.03.2006	
SIRIM *Pintar Learning* Sabah & Sarawak	Kesatuan Guru Bumiputera Sarawak (KGBS)	550,000	13.07.2009	Siap pada 10.05.2011
Program Pemasaran Bersepadu Perabot	Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MECD)	3,810,000	1998	Masih diteruskan dengan skop baru
Machine Mixer Ubat Gigi	Koperasi Al-Hilal Malaysia Berhad	150,000	01.07.2010	Siap pada 12.05.2011
Pembangunan Mesin Membuat Kueh Makmur	JJ Teratai Makmur Enterprise	65,000	05.04.2010	Projek Dihentikan
Scaled-Down Isses Hard Coating System	ISSES Technology (M) Sdn. Bhd.	800,000	13.02.2009	Projek Dihentikan
Pembangunan Projek Pengeringan Terbantu Suria Untuk Rumpai Laut	Persatuan Nelayan Kebangsaan (PNK) Semporna	461,000	01.06.2008	Siap pada 08.12.2010

- **Perjanjian/Memorandum Persefahaman**

  - Mengikut perenggan 3.0(c) dalam Pekeliling SIRIM No. 47, Jabatan/Pusat/Seksyen hendaklah memastikan kontrak yang lengkap disediakan dan ditandatangani oleh pelanggan bagi semua perkhidmatan/kerja yang bernilai RM100,000 dan ke atas. Daripada 16 projek komersial yang disemak didapati 14 projek ada perjanjian, satu projek di bawah RM100,000 dan satu projek tanpa perjanjian iaitu projek *Machine Mixer* Ubat Gigi yang bernilai RM150,000. Bagaimanapun, bagi dua projek iaitu Pembangunan Projek Pengeringan Terbantu Suria Untuk Rumpai Laut

dan SIRIM Pintar *Learning* Sabah Dan Sarawak, perjanjian yang ada hanyalah di antara pelanggan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) manakala hanya surat pelantikan yang mengikat SIRIM dengan pelanggannya.

- Bagi 12 projek yang mempunyai perjanjian, didapati perjanjian yang dibuat tidak menjelaskan dengan lengkap klausa-klausa penting seperti skop projek, klausa latihan penggunaan, manual penggunaan, penyenggaraan, tempoh jaminan perkhidmatan dan perubahan skop kerja. Selain itu, didapati juga klausa-klausa yang digunakan adalah tidak seragam di mana terdapat perjanjian yang mempunyai klausa yang terperinci manakala perjanjian lain mempunyai klausa yang sangat umum. Ketiadaan perjanjian dan klausa perjanjian yang umum menyebabkan pengguna projek menghadapi kesukaran untuk mengenal pasti pihak yang perlu dihubungi sekiranya projek tersebut menghadapi masalah, terdapat pengguna yang tidak diberikan latihan dan manual penggunaan seperti yang sepatutnya menyebabkan projek tidak digunakan dan peralatan berkarat kerana tidak disenggara dengan baik. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.12
CONTOH KLAUSA PERJANJIAN PROJEK KOMERSIAL YANG TIDAK LENGKAP

PROJEK	NILAI PROJEK (RM)	KLAUSA YANG TIADA DALAM PERJANJIAN
Mini Hydro Generator System (HYGENS)	350,000	Penyenggaraan, Latihan, Perubahan Skop Kerja, Manual Penggunaan dan Tempoh Jaminan Perkhidmatan
Pembangunan Sistem Pengeringan Solar Di Lautan	1,200,000	Tempoh Jaminan Perkhidmatan dan Penyenggaraan dan Kegagalan Melaksanakan Projek
Pembangunan Prototaip untuk Sistem Pengkulturan Dan Penuaian Rumpair Secara Raga	1,800,000	Penyenggaraan dan Perubahan Skop Kerja
Pembangunan Projek Pengeringan Terbantu Suria Untuk Rumpai Laut	461,000	Penyenggaraan dan Tempoh Jaminan Perkhidmatan

Maklum Balas SIRIM Berhad Yang Diterima Pada 19 Jun 2012

Garis panduan penyediaan Memorandum Persefahaman dan Memorandum Perjanjian telah diguna pakai sejak tahun 2008. Pihak SIRIM juga memaklumkan bahawa bagi projek yang diperolehi dari tahun 2011, pihak pengurusan telah mengambil langkah dalam memastikan projek-projek yang diurus, dipantau dan diselia dengan lebih sistematik serta teratur melalui penubuhan Jabatan Pemantauan Projek. Pada masa yang sama, Senarai Semakan telah dibangunkan dan diguna pakai untuk semua projek baru yang akan didaftarkan.

Pada pendapat Audit, pematuhan terhadap garis panduan penyediaan memorandum persefahaman dan perjanjian adalah penting untuk menjamin kejayaan projek dan kepentingan SIRIM. Oleh yang demikian, pihak pengurusan SIRIM perlu memantau dengan rapi terhadap pematuhan garis panduan tersebut. Selain itu, draf perjanjian tersebut hendaklah disemak oleh pegawai undang-undang sebelum dimuktamadkan.

- **Penyerahan Projek Tidak Teratur**

  - Perkara 3.0(g) dalam Pekeliling SIRIM No. 47 menyatakan untuk perkhidmatan yang telah disempurnakan, Borang Nota Penghantaran/Penerimaan Perkhidmatan (Borang Kew. 17) hendaklah dikeluarkan kepada pelanggan. Manakala Prosedur Pembangunan Kontrak (Contract Development) menyatakan bahawa Ketua Projek/SIRIM mesti

menyediakan Laporan Kemajuan atau Laporan Akhir dan mengeluarkan invois tuntutan bersama-sama dengan Borang Kew. 17. Pengesahan melalui Borang Kew. 17 ini juga adalah untuk menentukan tahap kepuasan pelanggan. Semakan terhadap 16 projek komersial mendapati 4 projek tidak disediakan dengan borang Kew. 17 walaupun projek telah disempurnakan. Manakala bagi projek *Mini Hydro Generator System* (HYGENS) yang bernilai RM350,000, didapati SIRIM telah mengeluarkan 3 Borang Kew. 17 bersama invois berjumlah RM250,000 pada tahun 2008. Semakan Audit mendapati projek ini telah disempurnakan pada tahun 2009 tetapi bukti penyerahan dan baki tuntutan berjumlah RM100,000 tidak dapat dikesan. Berdasarkan maklum balas pegawai terlibat, projek tersebut tidak mendapat persetujuan pelanggan dari segi perubahan spesifikasi. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.13
SENARAI PROJEK YANG TIDAK MEMPUNYAI
BORANG NOTA PENGHANTARAN/PENERIMAAN PERKHIDMATAN (KEW. 17)

NAMA PROJEK	PELANGGAN	NILAI PROJEK (RM)
Penilaian dan Pemantauan Geran SMIDEC	Perbadanan Perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC)	TM
Pembangunan Sistem Pengeringan Solar Di Lautan	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani yang diwakili oleh Jabatan Perikanan Malaysia	1,200,000
Pembangunan Produk-Produk Kosmetik		480,000
SIRIM *Pintar Learning* Sabah Dan Sarawak	Kesatuan Guru Bumiputera Sarawak (KGBS)	550,000
JUMLAH		**2,230,000**

Nota: ***TM - Tiada Maklumat***

Maklum Balas SIRIM Berhad Yang Diterima Pada 19 Jun 2012

Penggunaan Nota Penghantaran yang seragam (KEW. 17) akan diperketatkan pada masa akan datang dan klausa pihak yang menerima projek (Project Recipient/Beneficiaries) akan dimasukkan di dalam Project Charter sebagai salah satu apendik di dalam perjanjian.

- Semakan Audit juga mendapati tiada dinyatakan di dalam klausa perjanjian mengenai pihak yang bertanggungjawab untuk menerima perkhidmatan. Ini menyebabkan pihak yang menerima projek tersebut tidak jelas berkenaan peranannya terhadap output projek terutamanya sekiranya projek mengalami masalah. Senarai projek adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.14
SENARAI PELANGGAN DAN PIHAK YANG MENERIMA/MENGGUNAKAN HASIL PROJEK

NAMA PROJEK	PELANGGAN PROJEK	PIHAK YANG MENERIMA/ MENGGUNAKAN HASIL PROJEK	BUKTI SURAT PENYERAHAN PROJEK
Mini Hydro Generator System (HYGENS)	*World Association of Industrial and Technological Research Organisation* (WAITRO)	En. Hamid Bin Gimbad (Wakil Penduduk Kampung Libang Laut, Tambunan)	TIADA
Pembangunan Sistem Pengeringan Solar Di Lautan	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Yang Diwakili Oleh Jabatan Perikanan Malaysia	Pelajar Siswazah Tani/ Pegawai Perikanan di Pulau Omadal, Semporna	TIADA
SIRIM *Pintar Learning* Sabah & Sarawak	Kesatuan Guru Bumiputera Sarawak (KGBS)	Guru Sekolah	TIADA

- Selain itu, berdasarkan temu bual dengan pihak yang menggunakan hasil projek yang dilaksanakan, didapati hanya projek SIRIM *Pintar Learning* dan *Mini Hydro Generator System* (HYGENS) yang membekalkan manual pengguna kepada pelanggannya. Sementara itu bagi 1 projek iaitu Pembangunan Sistem Pengeringan Solar Di Lautan, tiada bukti menunjukkan manual pengguna ada diserahkan kepada pelanggan

walaupun penyediaan manual pengguna ini telah dinyatakan di dalam dokumen perjanjian di bawah klausa “Pakej Penghantaran”.

Maklum Balas SIRIM Berhad Yang Diterima Pada 19 Jun 2012

Manual penggunaan dijangka akan diserahkan pada bulan Julai 2012.

Pada pendapat Audit, pematuhan kepada kehendak Pekeliling SIRIM hendaklah dikuatkuasakan bagi menjamin kepentingan kedua-dua pihak. Di samping itu perjanjian yang disediakan hendaklah lengkap dengan mengambilkira pihak yang akan bertanggungjawab ke atas produk yang dihasilkan itu.

- **Pemakaian Standard Prosedur Yang Tidak Seragam**

  - Dalam melaksanakan projek komersial, adalah didapati setiap bahagian ada membangunkan standard prosedur sendiri. Semakan Audit mendapati terdapat ketidakseragaman dalam prosedur yang diwujudkan dan tiada keselarasan terhadap pekeliling yang telah dikeluarkan terutamanya dalam penggunaan borang-borang kewangan. Antara perbezaan yang ketara adalah dari segi keperluan menyediakan perjanjian/memorandum persefahaman, perubahan skop projek, penggunaan borang kewangan, penggunaan pelan kualiti projek. Butiran lanjut standard prosedur yang digunakan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.15
PERBEZAAN STANDARD PROSEDUR PROJEK KOMERSIAL YANG DIGUNAKAN

KOD PROSEDUR	NAMA PROSEDUR	BAHAGIAN	CATATAN
QS-238-01	*Procedure for Contract Research*	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi	• Menyediakan proposal projek bersama dengan pelan kualiti projek • Keperluan menyediakan perjanjian oleh Bahagian Perundangan • Perubahan skop projek diluluskan oleh Pengurus Besar Kanan/Ketua Seksyen • Perlu sediakan borang Kew. 17 (Nota Penghantaran) kepada pelanggan
QS-255-02	*Procedure for Contract Research*	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi	• Keperluan menyediakan perjanjian oleh Bahagian Perundangan • Tiada keperluan sediakan Borang Kew. 17
QS-238-02	*Procedure for Contract Development*	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi	• Perlu sediakan borang Kew. 17 kepada pelanggan • Keperluan menggunakan borang kewangan • Tidak menyebut keperluan menyediakan perjanjian/memorandum persefahaman • Tiada prosedur perubahan skop projek • Tiada prosedur menyediakan pelan kualiti projek
QS-254-81	*Planning of Project Realization For Machine Design*	Bahagian Kejuruteraan dan Rekabentuk	• Menyediakan proposal projek bersama dengan *key risk profile* dan pelan kualiti projek • Tiada menyatakan keperluan menyediakan perjanjian oleh Bahagian Perundangan • Tiada prosedur perubahan skop projek • Tiada keperluan sediakan Borang Kew. 17
QS-551-01	*Procedure for Commercial Project*	Bahagian Kejuruteraan dan Rekabentuk	• Mengandungi keperluan perjanjian disediakan oleh Bahagian Perundangan • Perubahan skop projek diluluskan oleh Pengurus Besar Kanan • Tiada keperluan sediakan Borang Kew. 17

  - Ketiadaan prosedur standard yang seragam menyebabkan setiap bahagian menjalankan projek komersial berdasarkan proses yang berbeza dan tidak bertepatan dengan pekeliling yang dikeluarkan serta menyukarkan penyelarasan.

Maklum Balas SIRIM Berhad Yang Diterima Pada 19 Jun 2012


Usaha untuk menyeragamkan ke semua prosedur berkaitan dengan pengurusan projek telah dimulakan sejak Disember 2011 dan dijangka akan disiapkan pada bulan Julai 2012.

- **Hasil Projek Tidak Digunakan Dengan Optimum**
  - Antara objektif utama 2 projek yang disemak iaitu Pembangunan Sistem Pengeringan Solar Di Lautan dan Sistem Pengeringan Rumpai Laut Secara Raga ialah untuk meningkatkan kualiti sosio ekonomi pengguna projek selain meningkatkan kualiti output yang dihasilkan. Semakan yang dijalankan terhadap projek tersebut mendapati ia tidak digunakan dengan optimum dan mencapai objektif ia dibangunkan. Ini kerana tiada perancangan yang teliti dan berlaku kes kecurian enjin bot. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.16
MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PROJEK YANG DILAKSANAKAN SIRIM BERHAD


NAMA PROJEK	NILAI PROJEK (RM)	PELANGGAN PROJEK	MASALAH YANG DIHADAPI
Pembangunan Prototaip Sistem Penkulturan dan Penuaian Rumpair Secara Raga	1,800,000	Kementerian Pertanian Dan Asas Tani Yang Diwakili Oleh Jabatan Perikanan Malaysia	i. Enjin bot hilang. SIRIM terpaksa membeli enjin gantian dengan harga RM50,000 bagi melancarkan proses penyerahan. Manakala 2 enjin lagi akan dibeli setelah tuntutan insurans diperolehi. Semasa pengauditan dijalankan, raga yang digunakan tidak sesuai dengan saiz pengangkut rumpai laut.
Pembangunan Sistem Pengeringan Solar Di Lautan	1,200,000		i. Kotak suis telah berkarat dan tidak berfungsi. **(Gambar 64.1)** ii. Lampu di dalam bahagian rumah pengeringan rosak dan telah berkarat. **(Gambar 64.2)** iii. Pengguna tidak diberikan latihan dan manual pengguna. iv. Pengguna memaklumkan sistem pengeringan tersebut tidak digunakan kerana reka bentuk yang tidak sesuai dan menyukarkan pengeringan dijalankan. **(Gambar 64.3)**

GAMBAR 64.1



Pulau Omadal, Semporna Projek Pembangunan Sistem Pengeringan Solar Di Lautan - Papan Suis Utama Yang Diletakkan Di Luar Rumah Pengering Rumpai Laut Telah Berkarat Dan Tidak Berfungsi (20.02.2012)

GAMBAR 64.2



Pulau Omadal, Semporna Projek Pembangunan Sistem Pengeringan Solar Di Lautan - Lampu Yang Telah Rosak (20.02.2012)



GAMBAR 64.3

Pulau Omadal, Semporna Projek Pembangunan Sistem Pengeringan Solar Di Lautan - Saiz Pintu Rumah Pengering Rumpai Laut Adalah Kecil Berbanding Kontena Yang Terletak Di Bahagian Dalam Rumah. Laluan Pintu Sisi Terpaksa Digunakan Apabila Mengeluarkan Rumpai Laut Tersebut (20.02.2012)

Pada pendapat Audit, klausa di dalam dokumen perjanjian perlu menjelaskan tanggungjawab SIRIM ke atas projek yang dilaksanakan selepas penyerahannya kepada pihak pelanggan. Ini bagi memastikan pihak berkenaan dapat menyelia dan menjaga hasil projek yang telah dilaksanakan. Selain itu, pihak pelanggan juga perlu dibekalkan dengan manual penggunaan supaya mereka dapat menggunakan hasil projek berdasarkan cara penggunaan yang sepatutnya.

b. Pengurusan Projek Penyelidikan

i. Peruntukan bagi menjalankan penyelidikan ini adalah dibiaya oleh Geran Kerajaan misalnya Geran *Intensification of Research in Priority Area* (IRPA), *Science Fund*, *Techno Fund* dan *National Biotechnology*. Jumlah geran yang telah diterima bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011 untuk melaksanakan projek penyelidikan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.17
JUMLAH PERUNTUKAN YANG DITERIMA BAGI PROJEK PENYELIDIKAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011

JENIS PERUNTUKAN	JUMLAH PERUNTUKAN YANG DITERIMA (RM Juta)				JUMLAH (RM Juta)
	2008	2009	2010	2011	
IRPA*	0.19	-	-	-	0.19
*Science Fund**	3.71	2.50	1.18	1.31	8.70
*Techno Fund**	1.00	17.73	19.65	7.86	46.24
National Biotechnology	1.55	0.55	0.45	0.25	2.80
JUMLAH	**6.45**	**20.78**	**21.28**	**9.42**	**57.93**

Nota: (*) - Peruntukan Yang Diterima Daripada Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI)

ii. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011, SIRIM telah memohon sebanyak 127 projek dan sebanyak 55 projek telah diluluskan oleh MOSTI dengan peruntukan sejumlah RM158.63 juta. Maklumat terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.18
PROJEK PENYELIDIKAN YANG DILULUSKAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011

JENIS PROJEK PENYELIDIKAN	BIL PROJEK YANG DIMOHON	BILANGAN YANG DILULUSKAN	NILAI GERAN (RM Juta)	BILANGAN YANG DILAKSANA
Techno Fund	24	21	151.32	19
Science Fund	103	34	7.31	14
JUMLAH	**127**	**55**	**158.63**	**33**

iii. Dalam melaksanakan projek penyelidikan ini, terdapat 2 Garis Panduan yang dikeluarkan oleh MOSTI iaitu *Pre Commercialisation Fund (Technofund) Guidelines For Applicants* dan *Sciencefund - Guidelines For Applicants.* Sejumlah 17 projek telah dipilih sebagai sampel Audit. Semakan Audit terhadap pengurusan projek penyelidikan ini pada umumnya ia telah diuruskan dengan kurang memuaskan dan terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian oleh SIRIM. Antaranya adalah seperti berikut:

- **Perbelanjaan Untuk Tujuan Perjalanan Dalam Dan Luar Negara**

  Berdasarkan garis panduan *Sciencefund,* peruntukan yang diberikan boleh digunakan untuk tujuan perjalanan dalam dan luar negara. Bagi perjalanan ke luar negara, antara syarat yang perlu dipatuhi ialah Ketua projek/koloborator/ahli kumpulan hanya dibenarkan pergi sekali sahaja dan permohonan untuk kelulusan perlu dikemukakan kepada MOSTI sebelum ke luar negara. Semakan

Audit mendapati 3 projek menggunakan peruntukan *Sciencefund* untuk tujuan ke luar negara melebihi sekali melibatkan kos berjumlah RM43,556. Bagaimanapun hanya satu projek (lawatan kali pertama) yang mendapat kelulusan manakala 2 projek yang lain tiada kelulusan MOSTI. Kedudukan perbelanjaan yang dimaksudkan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.19
SENARAI PERBELANJAAN KE LUAR NEGARA
MENGGUNAKAN PERUNTUKAN *SCIENCEFUND*

NAMA PROJEK	NILAI PROJEK (RM)	LOKASI KE LUAR NEGARA	KOS TERLIBAT (RM)	BUKTI KELULUSAN MOSTI (✓ ATAU ✗)	TUJUAN
Development Of Titania-Based Hybrid Materials Planar Waveguides For Use In Optical Integrated Circuit	150,000	Madinah	8,408	✓	Pembentangan kertas kerja
		Jepun	3,563	✗	Menghadiri mesyuarat dan pembentangan
Development of Metal Injection Moulding (MIM) Feedstock Formulation Using Palm Stearin Based Biopolymers Binder For High Performance Application	150,995	Iran	10,292	✗	Pembentangan kertas kerja
		Jepun	1,766	✗	Pembentangan kertas kerja
Development of CoCrMo Metallic Prostheses Through Innovative Metal Injection Moulding (MIM) Process for Orthopedic Applications	205,000	Dubai	6,632	✗	Pembentangan kertas kerja
		Sepanyol	12,895	✗	Tiada Maklumat
JUMLAH			**43,556**		

Bagi projek Technofund, garis panduan yang dikeluarkan menyatakan bahawa perbelanjaan yang dibolehkan antaranya adalah *pilot plant* dan kelengkapan jika berkaitan. Adalah didapati 1 projek telah menggunakan peruntukan Technofund berjumlah RM12,338 untuk tujuan membeli perabot seperti *vertical blind* yang ditempatkan di dalam bilik mesyuarat dan bilik pegawai serta almari dokumen yang ditempatkan di lokasi yang berlainan daripada makmal.

Maklum Balas SIRIM Berhad Yang Diterima Pada 19 Jun 2012

Sebahagian daripada pembangunan pilot plant GMP adalah termasuk pembelian perabot untuk makmal dan juga perabot untuk penyelidik. Pada masa yang sama, pihak pengurusan SIRIM juga mengambil langkah tegas dan pencegahan supaya perkara ini tidak akan berulang lagi.

Pada pendapat Audit, setiap pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan penghasilan sesuatu projek jika tidak dikawal boleh menjejaskan peruntukan yang sebenarnya diperlukan untuk projek tersebut. Oleh itu, pengurusan SIRIM perlu memantau rapi pembelian seumpama ini.

c. Pengurusan Bahagian Pembangunan Perniagaan Dan Pemasaran (MBD)

Adalah didapati latihan/kursus berkaitan pemasaran ada diberikan kepada pegawai MBD sepanjang tahun 2008 hingga 2011. Secara keseluruhan, jumlah kursus yang berkaitan pemasaran yang dihadiri oleh pegawai MBD adalah antara 1 hingga 20 kursus atau 37.7% daripada jumlah 77 kursus yang dihadiri. Semakan lanjut mendapati, pada tahun 2008 sebanyak 29 latihan/kursus yang berkaitan pemasaran telah diberikan kepada pegawainya. Manakala bagi tahun 2009 hingga 2011 pula, ianya semakin menurun kepada 1 hingga 5 kursus sahaja. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.20
KURSUS YANG DIHADIRI OLEH PEGAWAI DI BAHAGIAN MBD

TAHUN	KURSUS YANG DIHADIRI	KURSUS YANG BERKAITAN PEMASARAN
2008	26	20
2009	13	5
2010	30	3
2011	8	1
JUMLAH	**77**	**29**

Maklum Balas SIRIM Berhad Yang Diterima Pada 19 Jun 2012

Penurunan kursus yang dihadiri oleh anggota kerja MBD kerana mereka telah pun mengikuti kursus-kursus yang komprehensif berkenaan pemasaran. Oleh yang demikian, pihak pengurusan berpendapat bahawa anggota kerja di bawah bahagian tersebut telah terlatih untuk melaksanakan tugas-tugas pemasaran.

Pada pendapat Audit, latihan yang berterusan perlu diadakan untuk menambah pengetahuan serta meningkatkan dan memantapkan kemahiran mereka.

64.5.3. Kawalan Pengurusan/Tadbir Urus Korporat

64.5.3.1. Pengurusan Aset Syarikat

Menurut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan langkah-langkah wajar diambil bagi memastikan aset syarikat diuruskan dengan cekap dan teratur. Sehingga September 2011, SIRIM mempunyai aset tetap berjumlah RM691.38 juta. Semakan Audit ke atas pengurusan aset mendapati perkara berikut:

a. Penyenggaraan Rekod Pendaftaran Aset

Mengikut Arahan Kewangan yang dikeluarkan oleh SIRIM, satu daftar harta hendaklah disenggarakan oleh semua Jabatan/Seksyen yang memiliki aset yang menunjukkan harga kos belian, nombor siri, nama model dan lain-lain butir yang sesuai. Semakan Audit di 4 lokasi yang dipilih mendapati Bahagian Korporat dan AMREC di Kulim mengguna pakai Rekod Aset dari Sistem Perakaunan Century sebagai senarai aset mereka. Manakala 2 lokasi yang lain iaitu pejabat luar kampus SIRIM di Rasa dan Pusat *Bioprocess Technology* ada menyediakan daftar aset secara manual. Bagaimanapun semakan lanjut mendapati daftar tersebut tidak lengkap dan kemas kini, antaranya tiada maklumat kod pendaftaran aset, nama pegawai yang bertanggungjawab, lokasi dan kos aset.

b. Sistem Pengurusan Aset *Integrated Asset* (i-Asset)

Sistem pengurusan aset SIRIM yang dikenali sebagai *Integrated Asset System* (i-Asset) telah dibangunkan secara dalaman oleh Seksyen Pembangunan Aplikasi, Jabatan Pengurusan Harta dan Teknologi Maklumat. Pembangunan sistem i-Asset yang diintegrasikan dengan sistem perakaunan *Century* ini mula beroperasi sejak tahun 2007 di Jabatan Pengurusan Harta (JPH) dan penggunaannya telah diluaskan di Bahagian Kewangan SIRIM, dan SIRIM QAS *International* pada tahun 2010. Semakan Audit mendapati sistem *i-Asset* tersebut tidak dapat menyenaraikan aset mengikut Jabatan/Bahagian yang dipilih. Lokasi aset hanya boleh ditentukan melalui nombor pendaftaran aset sahaja. Semakan fizikal yang dijalankan mendapati 5 aset bernilai RM202,442 tidak dapat dikesan lokasi sebenar kerana berbeza dengan lokasi yang didaftarkan dalam i-Asset dan ada antara aset tersebut merupakan aset usang yang bernilai buku bersih RM1.00.

c. Rekod Pergerakan Aset Tidak Disenggara

Bagi memastikan aset berada dalam keadaan baik dan selamat, tidak hilang dan disalah guna, langkah-langkah keselamatan dan perekodan yang teratur hendaklah dititikberatkan. Semakan di 4 lokasi terlibat mendapati SIRIM mempunyai banyak aset bernilai tinggi dan menarik. Bagaimanapun, Daftar Pergerakan Aset tidak disenggarakan untuk merekod segala pergerakan aset.

d. Aset Tidak Dilabelkan Dan Didaftarkan Dalam Daftar Bahagian Dan Tidak Direkod Dalam Sistem Century

Semasa semakan fizikal aset dijalankan ke atas 84 sampel yang dipilih, adalah didapati 8 aset bernilai lebih RM2.38 juta tidak dilabelkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.21
SENARAI ASET TIDAK DILABEL

NAMA ASET	NOMBOR PENDAFTARAN ASET	KOS (RM)	TAHUN BELI	LOKASI DIDAFTARKAN
Canon Typewriter AP9017	TM	TM	TM	Sekretariat IBRC/Pejabat (B19)
HP *Scanjet* 2400	N6BSSRIPB	TM*	TM*	Sekretariat IBRC/Pejabat (B19)
GPC Suction And Ducting System	09PL0024	14,850	2009	AMREC
Scning Elctron Microscope With Variable	08PT0812	1,001,590	2008	*Biomaterials AMREC*
Calendaring Machine	09PT0517	400,913	2009	AMREC
Ammoxidation Reactor System	08PT0773	921,092	2008	AMREC Permatang Pauh
Aircond Starter Panel-Café	07PP0382	34,522	2007	Bahagian Korporat
Hitachi CPX264 2500ANSI LUMENS/XGA LCD	08PP0315	5,300	2008	Bahagian Korporat
JUMLAH		**2,378,267**		

Nota: ***TM - Tiada Maklumat***

Pada pendapat Audit, SIRIM perlu mempunyai satu daftar aset yang standard bagi memudahkan penyelenggaraan rekod dan pengurusan aset di lokasi masing-masing. Sistem *i-Asset* sedia ada boleh ditambah baik dengan menjana laporan mengikut bahagian/jabatan. Selain itu, SIRIM hendaklah mendaftarkan dan melabelkan semua asetnya dan membuat pemeriksaan bagi memastikan lokasi aset adalah bersamaan dengan daftar. Daftar pergerakan aset juga perlu disediakan bagi mengelakkan kehilangan dan salah guna aset.

64.5.3.2. Penghutang

Polisi SIRIM bagi pembayaran biasa ialah 60 hari selepas invois dikeluarkan kepada penghutang. Sekiranya penghutang mempunyai hutang tertunggak melebihi tempoh tersebut, perkhidmatan kepada pelanggan hendaklah ditangguhkan sehingga pelanggan berkenaan menjelaskan ke semua hutangnya atau bersetuju untuk membuat bayaran hutang secara ansuran. Pekeliling Bilangan 70 SIRIM telah menetapkan peringatan pertama akan dikeluarkan selepas tempoh 60 hari dan peringatan kedua dalam tempoh 90 hari dari tarikh invois sekiranya masih tertunggak. Bagi penghutang yang masih gagal membayar hutang, *Internal Letter of Demand* oleh *Group Legal & Company Secretarial Department* akan dikeluarkan atau diserahkan kepada pihak peguam untuk tindakan lanjut. Semakan Audit pada 31 Disember 2011 mendapati jumlah penghutang adalah RM16.85 juta di mana RM14.07 juta adalah penghutang industri dan RM2.78 juta adalah penghutang Kerajaan. Semakan Audit mendapati usaha telah dijalankan seperti penghantaran surat peringatan dan tindakan undang-undang bagi tujuan mengutip tunggakan tersebut.

Pada pendapat Audit, SIRIM telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengutip hutang yang tertunggak dan usaha ini boleh diteruskan lagi bagi memastikan hutang lama yang masih tertunggak dapat dikutip bagi mengelakkan kemungkinan pelupusan.

64.5.4. Pemantauan Subsidiari

64.5.4.1. Prestasi Kewangan Subsidiari

SIRIM mempunyai 4 subsidiari milik penuh dan 3 daripadanya masih beroperasi. Keuntungan bersih semasa bagi subsidiari bagi tahun 2008 adalah berjumlah RM9.82 juta dan meningkat kepada RM13.47 juta atau 37.2% pada tahun 2009. Manakala pada tahun 2010, jumlah keuntungan bersih semasa semakin meningkat kepada RM26.74 juta atau 98.5%. Peningkatan ini kebanyakannya telah disumbangkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 juga mendapati 2 subsidiari iaitu SIRIM Training Services Sdn. Bhd. (STS) dan National Precision Tooling Sdn. Bhd. (NPT) telah mencatatkan kerugian selepas cukai pada tahun 2008 dan 2009 yang berjumlah RM0.28 juta. Kedudukan kewangan subsidiari bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.22
KEDUDUKAN KEWANGAN SUBSIDIARI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

STATUS	NAMA SYARIKAT	AKTIVITI PERNIAGAAN	MODAL BERBAYAR (RM)	PERATUS PENGANGAN EKUITI SIRIM BERHAD (%)	UNTUNG/RUGI BERSIH (RM)		
					2008	2009	2010
Aktif	SIRIM QAS International Sdn. Bhd.	Terlibat dalam aktiviti pensijilan dan pengujian	350,002	100	9,890,761	12,954,400	25,939,051
Aktif	SIRIM Training Services Sdn. Bhd.	Terlibat dalam menyediakan latihan, konsultansi, seminar, *workshop* dan persidangan.	200,000	100	(73,397)	714,992	545,370
Aktif	National Precision Tooling Sdn. Bhd.	Mengurus dan melaksanakan projek yang dibiaya oleh Kerajaan berkaitan dengan *automotive tool, die and mould.*	2	100	-	(204,083)	254,401
JUMLAH					**9,817,364**	**13,465,309**	**26,738,822**

Maklum Balas SIRIM Berhad Yang Diterima Pada 19 Jun 2012

National Precision Tooling Sdn. Bhd. merupakan Special Purpose Vehicle yang tidak disasarkan untuk membuat keuntungan dan seterusnya membayar dividen kepada syarikat induk. Bagi SIRIM Training Services Sdn. Bhd. pula, bidang perniagaan berasaskan latihan adalah sangat kompetitif manakala perkhidmatan latihan banyak dioutsource kepada penceramah luaran menyebabkan peningkaan perbelanjaan.

64.5.4.2. Pembayaran Dividen Kepada Syarikat Induk

Pekeliling Perbendaharaaan Bil. 11 Tahun 1993 menyatakan bahawa semua Kumpulan Syarikat yang mempunyai keuntungan pada sesuatu tahun perlu mengemukakan cadangan pembayaran dividen kepada Kementerian Kewangan dan juga memastikan syarikat subsidiari membayar dividen kepada syarikat induk. Sekiranya tidak berbuat demikian, alasan yang munasabah perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Adalah didapati bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, sejumlah RM68.38 juta telah dibayar kepada SIRIM sebagai pendapatan dividen dan ke semuanya merupakan bayaran dari SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.23
PEMBAYARAN DIVIDEN OLEH SUBSIDIARI

NAMA SYARIKAT	DIVIDEN YANG DIBAYAR (RM)			JUMLAH (RM)
	2008	2009	2010	
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.	8,400,048	29,400,168	30,579,674	68,379,890

64.5.4.3. Pemantauan Subsidiari Melalui Lembaga Induk

Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan pemantauan telah dibuat terhadap prestasi Ahli Lembaga Pengarah SIRIM yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah subsidiari.

Pada pendapat Audit, pihak Lembaga Pengarah SIRIM sepatutnya mewujudkan polisi untuk menilai prestasi Ahli Lembaga Pengarah selaras dengan amalan terbaik yang digariskan dalam *the Green Book-Enhancing Board Effectiveness* yang dilancarkan pada tahun 2006 oleh *Putrajaya Committee on GLC High Performance*, yang menyatakan kepentingan menilai prestasi setiap Ahli Lembaga Pengarah.

64.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan peranan SIRIM sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan projek berteraskan teknologi dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, adalah disyorkan supaya pihak pengurusan SIRIM mempertimbangkan perkara berikut:

64.6.1. Mengenal pasti semula faktor yang menyebabkan KPI bagi setiap objektif strategiknya tidak dapat dicapai dan satu pelan tindakan yang lebih komprehensif perlu dirangka bagi meningkatkan pencapaian prestasi setiap KPI. Di samping itu SIRIM juga perlu menetapkan sasaran dan pencapaian berdasarkan aktiviti syarikat.

64.6.2. Memastikan dokumen perjanjian yang dimeterai mengambilkira faktor seperti penyenggaraan, latihan kepada pengguna dan penyediaan manual bagi produk yang dihasilkan dan memantau dengan rapi terhadap pematuhan garis panduan penyediaan memorandum persefahaman dan perjanjian.

64.6.3. Memantau rapi terhadap penggunaan peruntukan untuk tujuan penyelidikan selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

64.6.4. Memberi latihan secara berterusan kepada pegawai-pegawai bagi meningkatkan dan memantapkan kemahiran mereka.

64.6.5. Mewujudkan daftar aset yang standard, menjana laporan mengikut bahagian/jabatan, mendaftar dan melabelkan semua asetnya serta membuat pemeriksaan bagi memastikan lokasi aset adalah bersamaan dengan daftar. Daftar pergerakan aset juga perlu disenggarakan bagi mengelakkan kehilangan dan salah guna aset.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 527-535
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN KEWANGAN

65. PENGURUSAN ASET AIR BERHAD

65.1. LATAR BELAKANG

65.1.1. Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) adalah sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan yang ditubuhkan pada 5 Mei 2006 dengan modal berbayar berjumlah RM410 juta. Modal dibenarkan adalah berjumlah RM1.0 bilion. PAAB adalah pemilik dan pemaju aset air negara yang bertanggungjawab untuk membangunkan infrastruktur air negara dan semua aset yang berkaitan dengan sistem air bagi Semenanjung Malaysia serta Wilayah Persekutuan Labuan selaras dengan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). Ini bertujuan untuk menjadi pembekal aset air bertaraf dunia, memberi perkhidmatan bekalan air yang cekap dan berkualiti kepada rakyat serta dapat menjamin kesinambungan industri air.

65.1.2. Peranan utama PAAB adalah seperti berikut:

65.1.2.1. Membina, membaik pulih, menambah baik, menaik taraf, memelihara dan menyenggara infrastruktur air dan semua aset yang berkaitan dengan sistem rangkaian air.

65.1.2.2. Mendapatkan pembiayaan kompetitif untuk pembangunan infrastruktur aset air negara yang baru dan menyewakan kepada pengusaha (operator) air negeri yang berlesen. Dengan itu, Kerajaan Negeri akan bebas daripada bebanan hutang pembangunan aset baru yang memerlukan modal yang besar.

65.1.2.3. Membantu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk menstrukturkan semula industri perkhidmatan air negara bagi mencapai visi Kerajaan agar dapat memberi perkhidmatan air yang cekap dan berkualiti.

65.1.3. Di bawah penstrukturan semula industri perkhidmatan air, Kerajaan Persekutuan berperanan sebagai penggubal dasar untuk mengawal selia industri perkhidmatan air negara. Tanggungjawab pengagihan air terawat pula diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan tugas penyeliaan dibuat oleh SPAN. Pembahagian tanggungjawab penstrukturan semula industri perkhidmatan air negara adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.1
PEMBAHAGIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB
DI BAWAH PENSTRUKTURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR NEGARA

AGENSI	TANGGUNGJAWAB	BUTIRAN
Kerajaan Persekutuan	- Penggubal dasar - Mengawal selia industri perkhidmatan air negara	Pembuat dasar air secara holistik untuk negara dengan menetapkan hala tuju dasar tersebut bagi aktiviti memproses dan merawat air mentah.
Kerajaan Negeri	- *Water basin matters*/cekungan - Pengagihan air terawat	Menguruskan cekungan air di negeri untuk melindungi kualiti air dan mengenal pasti cekungan air baru apabila diperlukan.
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)	- Kawal selia - Peraturan dan Pelesenan	Mengawal selia syarikat operator air berasaskan syarat lesen yang ditetapkan dan peraturan berkaitan industri perkhidmatan air yang perlu dipatuhi berdasarkan ketetapan Kerajaan Persekutuan.
PAAB	- Pembangunan aset air - Membina kemudahan infrastruktur bekalan air di seluruh negara untuk jangka masa panjang	Membina, memperbaharui, memperbaiki, menaik taraf memelihara dan memperbaiki sistem infrastruktur air.
Pembekal/Operator Air	- Kawalan aset air	Merawat dan membekalkan air yang dirawat kepada pelanggan.

65.1.4. Berdasarkan model cadangan penstrukturan industri perkhidmatan air negara, Kerajaan Persekutuan melalui PAAB akan mengambil alih aset air negeri dan pinjaman berkaitan bekalan air negeri melalui Perjanjian Induk yang ditandatangani antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PAAB. Kerajaan Negeri akan memajakkan tanah di mana letaknya aset berkenaan kepada PAAB dengan bayaran nominal. PAAB kemudiannya akan memajakkan semua aset air tersebut kepada operator air negeri dengan mengenakan bayaran sewa pajakan. Kadar sewa pajakan adalah berdasarkan kadar yang dipersetujui di dalam perjanjian. Pinjaman Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan berkaitan bekalan air akan diserahkan kepada PAAB. Pinjaman yang diambil alih kemudiannya akan distrukturkan semula kepada suatu tempoh tertentu mengikut kemampuan PAAB sebagai *self-sustaining entity*. Satu Perjanjian Pinjaman akan ditandatangani antara Kerajaan Persekutuan dan PAAB di bawah penstrukturan semula pinjaman yang diambil alih olehnya. Terdapat 4 jenis perjanjian yang perlu ditandatangani di bawah penstrukturan industri air negara. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.2
PERJANJIAN YANG PERLU DITANDATANGANI OLEH PAAB DENGAN AGENSI

PERJANJIAN	AGENSI TERLIBAT	BUTIRAN	PERJANJIAN DITANDATANGANI OLEH/UNTUK	
			NEGERI/AGENSI	TARIKH
Perjanjian Induk	Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Agensi dan PAAB.	PAAB akan mengambil alih projek dan pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk pembinaan empangan baru setelah Kerajaan Negeri menandatangani perjanjian pemindahan aset.	Melaka, Ketua Menteri Melaka	17.12.2008
			Negeri Sembilan	31.12.2008
			Johor, Syarikat Air Johor Sdn. Bhd., Ranhill Utilities Berhad, SAJ Holdings Sdn. Bhd.	11.03.2009
			Perlis	02.08.2010
			Pulau Pinang	02.06.2011
Perjanjian Pajakan	PAAB/Kerajaan Negeri/Operator Air	PAAB akan memajak tanah kepada operator air untuk operasi, menyenggara, merawat, mengagih dan membekal air yang dirawat.	Melaka, Syarikat Air Melaka Berhad	17.12.2008
			Negeri Sembilan	31.12.2008
			Johor, SAJ Holdings Sdn. Bhd.	11.03.2009
			Perlis	02.08.2010
			Perbadanan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.	02.06.2011
Perjanjian Fasiliti	PAAB/Kerajaan Negeri/Operator Air	- Membolehkan operator air untuk menjalankan perkhidmatan air di atas tanah. - Membolehkan PAAB untuk membaik pulih, membina dan menaik taraf aset air dan menerima sewa pajakan daripada tanah yang dipajak.	Syarikat Air Melaka Berhad	17.12.2008
			Negeri Sembilan	31.12.2008
			SAJ Holdings Sdn. Bhd	11.03.2009
			Perlis	02.08.2010
			Perbadanan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.	02.06.2011
Perjanjian Pinjaman	Kerajaan Persekutuan dan PAAB.	Perjanjian novasi pinjaman Kerajaan Negeri di mana PAAB akan mengambil alih hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan seperti yang ditetapkan di bawah Jadual B Perjanjian Induk.	Negeri Melaka	27.12.2010
			Negeri Sembilan	27.11.2010
			Negeri Johor	21.06.2011
			Negeri Perlis	14.09.2011
			Negeri Pulau Pinang	27.12.2011

65.1.5. Perbelanjaan modal/*Capital Expenditure* (CAPEX) untuk pembangunan infrastruktur air oleh PAAB dibiayai melalui penerbitan sukuk yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan. Bagi tujuan penerbitan sukuk ini, PAAB telah menubuhkan syarikat subsidiari iaitu Pengurusan Air SPV Bhd. (PASB). Setakat bulan Oktober 2011, PASB telah menerbitkan sukuk berjumlah RM16.170 bilion untuk membiayai pengambilan aset air dan pembangunan infrastruktur aset air di Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

65.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

65.2.1. Prestasi kewangan PAAB adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut.

65.2.2. Pengurusan aktiviti PAAB telah dilaksanakan dengan teratur, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan.

65.2.3. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat PAAB adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

65.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek kewangan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Selain itu pengauditan juga dilaksanakan terhadap aktiviti utama dan tadbir urus korporat PAAB bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011.

65.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan di Ibu Pejabat PAAB, Pejabat PAAB Cawangan Johor dan Melaka, SPAN, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA) dan Kementerian Kewangan serta lawatan fizikal ke beberapa lokasi Aset Air dan projek yang sedang dijalankan juga telah dibuat bersama pegawai PAAB dan operator air [Syarikat Air SAJ Holdings Sdn. Bhd. (SAJH) dan Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB)]. Perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai yang berkaitan.

65.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2011 mendapati prestasi dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat PAAB adalah memuaskan. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, PAAB telah mencatatkan peningkatan keuntungan selepas cukai iaitu daripada RM2.31 juta pada tahun 2008 kepada RM47.41 juta pada tahun 2009 dan terus meningkat kepada RM70.78 juta pada tahun 2010. Setakat akhir tahun 2010, keuntungan terkumpul adalah berjumlah RM120.05 juta. Peningkatan yang ketara pada tahun 2009 adalah disebabkan pendapatan atas sewaan aset air yang diterima mulai tahun 2009. Bagaimanapun, prestasi dan pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan antaranya seperti berikut:

i. sehingga kini hanya 5 daripada 12 negeri telah menyertai program penstrukturan industri perkhidmatan air negara. Di samping itu, hanya 153 (9.7%) daripada 1,581 tapak aset air telah dipindah milik kepada PAAB;
ii. adalah didapati berlaku kelewatan dalam pelaksanaan projek infrastruktur air serta berlaku kelemahan dalam pemantauan terhadap kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh operator air; dan
iii. projek Bekalan Air Alternatif Ke KLIA bernilai RM84.21 juta yang sepatutnya siap pada 15 Disember 2011 masih belum beroperasi sepenuhnya sehingga kini kerana kapasiti tangki air KLIA dan sistem paip agihan sedia ada tidak dapat menampung kapasiti pengeluaran air terawat dan loji.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan juga maklum balas PAAB adalah seperti di perenggan berikut:

65.5.1. PRESTASI KEWANGAN

Prestasi kewangan PAAB bagi tempoh tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti berikut:

65.5.1.1. Analisis Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi


Pendapatan PAAB terdiri daripada hasil pendapatan sewaan pajakan dan faedah daripada deposit dengan bank/institusi kewangan. Prestasi kewangan pada tahun 2010 menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya di mana PAAB mencatatkan keuntungan bersih berturut-turut bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Pada tahun 2010, keuntungan bersih yang dicatatkan berjumlah RM70.78 juta berbanding RM2.30 juta pada tahun 2008. Peningkatan keuntungan bersih ini disumbangkan oleh penerimaan pendapatan sewaan pajakan aset air mulai tahun 2009. Pendapatan yang diperolehi pada tahun 2010 berjumlah RM494.32 juta berbanding RM187.34 juta pada tahun 2009 iaitu peningkatan sejumlah RM306.98 juta. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi PAAB bagi tahun kewangan 2008, 2009 dan 2010 adalah seperti di jadual dan carta berikut:

JADUAL 65.3
KEDUDUKAN PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI KUMPULAN PAAB BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER


BUTIRAN	*2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan	-	168.93	420.56
Lain-lain Pendapatan			
Pendapatan Faedah	10.96	18.41	8.36
Lain-lain	0.01	-	65.40
JUMLAH PENDAPATAN	**10.97**	**187.34**	**494.32**
Perbelanjaan			
Susutnilai	-	(95.41)	(208.93)
Faedah Kakitangan	(4.30)	(5.85)	(7.52)
Kos Kewangan	-	(36.22)	(200.13)
Lain-lain Perbelanjaan	(3.12)	(3.68)	(6.96)
JUMLAH PERBELANJAAN	**(7.42)**	**(141.16)**	**(423.55)**
Untung Sebelum Cukai	**3.55**	**46.17**	**70.78**
Cukai	(1.24)	1.24**	-**
Keuntungan Bersih Selepas Cukai	**2.31**	**47.41**	**70.78**
Keuntungan Terkumpul	**1.86**	**49.27**	**120.05**
Bayaran Dividen	**-**	**-**	**-**

Nota: (*) - Untuk Tahun 2008, Nilai Adalah Berdasarkan Nilai Syarikat Dan Bukan Kumpulan Kerana Subsidiari Belum Ditubuhkan.
(**) - Terlebih Diperuntukkan Pada Tahun Sebelumnya

CARTA 65.1
TREND PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KEUNTUNGAN KUMPULAN PAAB BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010



CARTA 65.2



65.5.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menjelaskan prestasi kewangan PAAB, analisis nisbah semasa; margin keuntungan bersih; nisbah pulangan ke atas aset serta nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2008, 2009 dan 2010. Hasil analisis adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.4
ANALISIS NISBAH BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

NISBAH	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a/b)
NISBAH SEMASA	2008	368.22	43.08	8.55 : 1
	2009	410.65	1,777.00	0.23 : 1
	2010	413.78	2,156.00	0.19 : 1
Tahap kecairan syarikat menurun daripada 8.55 kali pada tahun 2008 kepada 0.23 kali pada tahun 2009 dan 0.19 kali pada tahun 2010. Penurunan nisbah kecairan ini adalah disebabkan simpanan tetap telah ditunaikan bagi membiayai pembangunan projek infrastruktur aset air. 2008 – 99.1% aset semasa terdiri daripada tunai dan bersamaan tunai di bank dan institusi kewangan. 2009 – 82.2% aset semasa terdiri daripada tunai dan bersamaan tunai di bank dan institusi kewangan. 2010 – 54.7% aset semasa terdiri daripada tunai dan bersamaan tunai di bank dan institusi kewangan.				
NISBAH	TAHUN	UNTUNG /(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN PELARASAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a/b)
MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH	2008	2.31	10.97	0.21
	2009	47.41	187.34	0.25
	2010	70.78	494.32	0.14
Pada tahun 2010 tahap kecekapan PAAB berkurangan disebabkan setiap ringgit hasil pendapatan, PAAB hanya memperoleh keuntungan RM0.14 berbanding RM0.25 pada tahun 2009 dan RM0.21 tahun 2008. Walaupun keuntungan meningkat dalam tahun 2010 namun perbelanjaan juga meningkat 200% berbanding tahun 2009.				
NISBAH	TAHUN	UNTUNG/RUGI BERSIH SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET (%) (a/b)
NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET	2008	2.31	2,476.00	0.09
	2009	47.41	7,178.00	0.66
	2010	70.78	7,617.00	0.93
Terdapat peningkatan dalam pengurusan aset bagi tempoh tahun kewangan 2008 hingga 2010 disebabkan peningkatan keuntungan selepas cukai berjumlah RM23.37 juta pada tahun 2010 berbanding tahun 2009.				
NISBAH	TAHUN	UNTUNG/RUGI BERSIH SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) (a/b)
NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI	2008	2.31	411.00	0.56
	2009	47.41	459.00	10.33
	2010	70.78	513.00	13.80
Terdapat peningkatan dalam pengurusan modal bagi tempoh tahun kewangan 2008 hingga 2010 disebabkan oleh peningkatan keuntungan selepas cukai berjumlah RM23.37 juta pada tahun 2010 berbanding tahun 2009.				

65.5.1.3. Penyata Aliran Tunai

Berdasarkan Penyata Aliran Tunai PAAB bagi tempoh tahun kewangan 2008 hingga 2010, kedudukan aliran tunai syarikat menunjukkan penurunan tunai sejumlah RM138.87 juta (38%) pada akhir tahun 2010 berbanding dengan tahun 2008 iaitu daripada RM365.04 juta pada tahun 2008, RM337.75 juta pada tahun 2009 dan RM226.17 juta pada tahun 2010. Penurunan pada tahun 2009 adalah disebabkan bayaran pelaburan dalam perolehan tambahan aset air yang berjumlah RM2.814 bilion dan perolehan hartanah, loji dan peralatan berjumlah RM122.78 juta. Selain itu, bayaran balik kredit pusingan berjumlah RM2.480 bilion pada tahun 2009 juga menyebabkan penurunan dalam tunai syarikat. Manakala pada tahun 2010 pula penurunan tersebut disebabkan oleh bayaran faedah kewangan berjumlah RM159.12 juta, bayaran perolehan aset air berjumlah RM464.86 juta dan bayaran balik kredit pusingan berjumlah

RM174 juta serta bayaran balik instrumen hutang berjumlah RM3.370 bilion. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.5
PENYATA ALIRAN TUNAI KUMPULAN PAAB BAGI TAHUN 2008, 2009 DAN 2010

BUTIRAN/TAHUN	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi			
Untung Sebelum Cukai	3.55	46.17	70.78
Pelarasan Untuk:			
Susut Nilai	0.25	95.41	208.93
Kos Kewangan	-	36.22	200.13
Pembalikan Peruntukan Untuk Kerugian Rosot Nilai *(Reversal of Allowance for impairment loss)*	-	-	(1.70)
Pindahan Daripada Geran Modal Tertunda *(Transfer from deffered capital grants)*	-	-	(62.90)
Pendapatan Faedah	(10.96)	(18.41)	(8.36)
Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	(7.16)	159.39	406.88
Peningkatan Terimaan	(0.02)	(69.38)	(277.83)
(Penurunan)/Peningkatan Bayaran	0.13	2,648.10	(4.95)
Tunai Dijana Daripada Aktiviti Operasi	7.01	2,738.11	124.10
Faedah Dibayar	-	(20.70)	(159.12)
Tunai Bersih / (Yang Digunakan) / Yang Dijana Daripada Aktiviti Operasi	**(7.01)**	**2,717.41**	**(35.02)**
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan			
Faedah Diterima	8.12	17.91	8.69
Perolehan Tambahan Aset Air	-	(2,813.82)	(464.86)
Perolehan Hartanah, Loji Dan Peralatan	(43.91)	(122.78)	(46.39)
Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan	**(35.79)**	**(2,918.69)**	**(502.56)**
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Kewangan			
Terimaan Daripada Terbitan Saham	306.90		
Pembayaran Balik Kredit Pusingan	-	(2,480.00)	(174.00)
Pembayaran Balik Daripada Instrumen Hutang	-	-	(3,370.00)
Terimaan Daripada Pinjaman Dan Instrumen Hutang	-	2,654.00	3,970.00
Tunai Bersih Daripada Aktiviti Kewangan	**306.90**	**174.00**	**426.00**
Penambahan/(Pengurangan) Tunai Dan Bersamaan Tunai	264.11	(27.29)	(111.58)
Tunai Dan Bersamaan Tunai Awal Tahun	100.93	365.04	337.75
Tunai Dan Bersamaan Tunai Akhir Tahun	**365.04**	**337.75**	**226.17**

Maklum Balas Pengurusan Aset Air Berhad Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

Tempoh pembayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan yang dipindahkan dihadkan kepada maksimum 25 tahun berdasarkan konvensyen pembayaran balik universal yang diguna pakai oleh Kementerian Kewangan. PAAB dijangka tidak akan menghadapi sebarang kesukaran kewangan dalam memenuhi kewajipan kewangan dalam tempoh terdekat dan sederhana. PAAB juga mengkaji kemungkinan mendapatkan lanjutan tempoh moratorium sekiranya pembayaran sewa pajakan daripada operator air tidak diterima.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan PAAB bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah memuaskan. Bagaimanapun, PAAB perlu mengambil langkah bagi meningkatkan lagi prestasi kewangan terutamanya margin keuntungan bersih yang menunjukkan penurunan ketara.

65.5.2. Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti

65.5.2.1. Prestasi Aktiviti

a. Program Penstrukturan Industri Perkhidmatan Air Belum Tercapai Sepenuhnya

Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655), digubal untuk mengawal selia perkhidmatan air dan pembetungan di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan. Akta tersebut memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan mengenai semua perkara berkaitan perkhidmatan bekalan air. Sehubungan itu, PAAB ditubuhkan bagi membantu merealisasikan hasrat Kerajaan. Dalam proses tersebut PAAB membantu KeTTHA dalam rundingan dengan Kerajaan Negeri. Setakat 30 November 2011, 5 negeri telah menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Persekutuan dan PAAB melibatkan nilai aset berjumlah RM3.456 bilion. Butirannya adalah seperti di **Jadual 65.6.** Manakala 7 lagi negeri belum membuat keputusan untuk menyertai Program Penstrukturan Industri Perkhidmatan Air. Negeri terlibat dan status penstrukturannya adalah seperti di **Jadual 65.7.**

JADUAL 65.6
NEGERI YANG TELAH MENANDATANGANI PERJANJIAN DENGAN PAAB

NEGERI	TARIKH PERJANJIAN DITANDATANGANI	NILAI ASET DIAMBIL ALIH OLEH PAAB (RM Juta)
Melaka	17.12.2008	889.52
Negeri Sembilan	31.12.2008	1,211.78
Johor	11.03.2009	613.88
Perlis	02.08.2010	85.31
Pulau Pinang	02.06.2011	655.25
JUMLAH		**3,455.74**

JADUAL 65.7
STATUS PENSTRUKTURAN AIR BAGI NEGERI YANG BELUM MENYERTAI PROGRAM PENSTRUKTURAN SETAKAT 31 DISEMBER 2011

NEGERI	STATUS	MAKLUM BALAS DARI PAAB/ KERAJAAN NEGERI
Perak	Skim penstrukturan bekalan air Negeri Perak sedang dalam proses di peringkat Majlis Jemaah Menteri.	*Skim penstrukturan semula telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dan penghijrahan ke rejim pelesenan baru dijangka akan siap pada bulan Mei 2012.*
Kelantan	Masih dalam pertimbangan EXCO Kerajaan Negeri.	*Proses penstrukturan semula masih belum mendapat kelulusan oleh Ahli Exco Negeri Kelantan (EXCO).*
Kedah	Masih dalam kajian dan pertimbangan Kerajaan Negeri kerana Kerajaan Negeri tidak bersetuju dengan Konsesi Air Taliworks Langkawi dan konsep pemberi milikan tanah.	*Kerajaan Negeri Kedah secara prinsipnya bersetuju untuk penstrukturan semula dan migrasi Syarikat Air Darul Aman (SADA) kepada rejim pelesenan baru. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih perlu menyelesaikan beberapa isu berbangkit antaranya mengenai tarif air, pampasan tanah, caj air mentah serta hutang pembinaan empangan.*
Selangor	Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri masih belum mencapai persetujuan berkenaan model penstrukturan semula yang bakal diguna pakai.	- *Persefahaman yang belum dicapai antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor adalah kerana:* • *Perbezaan nilai aset Kerajaan Negeri Selangor yang dinilai oleh Kerajaan Persekutuan.* • *Persetujuan mengenai nilai aset yang perlu dibayar kepada konsesi air.* - *Sebagai permulaan PAAB telah mengambil alih bon dan liabiliti syarikat konsesi air Selangor berjumlah RM6.12 bilion.*
Pahang	Masih dalam proses perbincangan disebabkan oleh permohonan Kerajaan Negeri supaya hutang berkaitan bekalan air dikurangkan melalui pemberian geran oleh Kerajaan Persekutuan.	*Kerajaan Negeri Pahang telah bersetuju pada dasarnya untuk penstrukturan semula industri perkhidmatan air dan dijangka menandatangani perjanjian menjelang bulan Jun 2013.*
Terengganu	Masih dalam proses perbincangan. Isu yang mengekang penstrukturan air adalah persepsi pemberi milikan tanah kepada PAAB dan	*Kerajaan Negeri Terengganu telah menyatakan hasrat mereka untuk mengkaji semula skim penstrukturan semula menjelang akhir 2012.*

NEGERI	STATUS	MAKLUM BALAS DARI PAAB/ KERAJAAN NEGERI
	Kerajaan Negeri berpandangan bahawa dana Wang Ihsan dapat menampung pembiayaan *CAPEX*.	
Wilayah Persekutuan Labuan	Perbezaan Enakmen Air dan Tanah, KeTTHA dipertanggungjawab untuk memantau.	*Disebabkan oleh perbezaan enakmen mengenai perkara-perkara tanah di Wilayah Persekutuan Labuan, jawatankuasa penstrukturan semula telah memutuskan bahawa KeTTHA akan pada masa ini bertanggungjawab memantau perkhidmatan bekalan air di Labuan.*

Nota: ***CAPEX - Capital Expenditure***

Pada pendapat Audit, program penstrukturan industri air negara di Semenanjung Malaysia masih belum tercapai sepenuhnya disebabkan oleh perkara di luar kawalan PAAB.

b. Pemindahan Hak Milik Tanah Kepada PAAB

i. Mengikut Perjanjian Induk, kerajaan Negeri akan memindahkan hak milik tanah secara langsung kepada PAAB dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kuat kuasa perjanjian induk atau tempoh lain yang ditentukan. Semakan Audit mendapati setakat November 2011, hanya 153 (9.7%) daripada 1,581 tapak telah dipindah milik kepada PAAB. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.8
STATUS PEMINDAHAN HAK MILIK TANAH KEPADA PAAB SETAKAT 30 NOVEMBER 2011

NEGERI	TARIKH PERJANJIAN INDUK	JUMLAH TAPAK	TELAH POHON	TELAH LULUS		DALAM PROSES	AKAN POHON/ BERMASALAH
				BELUM KELUAR HAK MILIK KEPADA PAAB	TELAH KELUAR HAK MILIK KEPADA PAAB		
Melaka	17.12.2008	114	58	0	52	6	56
Negeri Sembilan	31.12.2008	510	431	199	101	131	79
Johor	11.03.2009	576	229	0	0	229	347
Perlis	02.08.2010	30	0	0	0	0	30*
Pulau Pinang	02.06.2011	351	0	0	0	0	351
JUMLAH		**1,581**	**718**	**199**	**153**	**366**	**863**

Nota: ***(*) - Jumlah Ini Belum Dimuktamadkan***

ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati pemindahan hak milik tanah kepada PAAB tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana perkara berikut:

- Status pemilikan tanah belum dapat dipastikan semasa perjanjian ditandatangani.
- Tunggakan cukai tanah.
- Hanya seorang pegawai di PAAB yang menguruskan pemindahan hak milik tanah di mana pegawai ini perlu mengenal pasti lokasi, menyemak dengan pejabat tanah, membuat permohonan hak milik tanah kepada Pejabat Tanah dan membuat lawatan ke semua lokasi.

iii. Bagaimanapun Unit Pengurusan Tanah telah mengemukakan pelan tindakan kepada pihak pengurusan PAAB pada tahun 2012 untuk mempercepatkan proses pemindahan hak milik tanah. Antaranya adalah seperti berikut:

- Menubuhkan Jawatankuasa Tanah yang dianggotai oleh pegawai daripada pelbagai jabatan di PAAB, pegawai daripada Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Pejabat Tanah dan Galian, Badan Kawal Selia Air, operator air dan Pentadbir Tanah.

- Tugas Jawatankuasa tersebut adalah untuk membantu dan menyelesaikan isu pemindahan hak milik berkaitan.
- Penambahan seorang pegawai untuk Unit Pengurusan Tanah.
- Pelan tindakan tersebut telah diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PAAB untuk dilaksanakan mulai bulan Januari 2012.

Maklum Balas Pengurusan Aset Air Berhad Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

Isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit dipersetujui dan PAAB telah mengambil tindakan yang sewajarnya. Antaranya ialah mengambil 5 orang pekerja dari bulan November 2011 hingga April 2012; meneruskan proses pemindahan tanah; mengadakan Mesyuarat Pasukan Petugas berjadual untuk semua negeri yang telah menandatangani perjanjian sekurang-kurangnya sebulan sekali; Unit Pengurusan Tanah telah diberi KPI bagi tujuan memastikan pemindahan aset tanah di mana ia meletakkan sasaran memindahkan 150 tapak kepada PAAB dan sebanyak 600 tapak melalui pelbagai peringkat pemindahan.

Pada pendapat Audit, PAAB perlu menyusuli pemindahan hak milik tanah dengan Kerajaan Negeri. Tindakan untuk menubuhkan Jawatankuasa Tanah yang dianggotai oleh pegawai yang mahir dalam bidang berkaitan adalah baik bagi mempercepatkan proses pemindahan hak milik tanah kepada PAAB.

c. Prestasi Projek Pembangunan Infrastruktur Aset Air

i. Di bawah penstrukturan industri perkhidmatan air negara yang baru, PAAB diberi mandat untuk menerajui projek berkaitan perbelanjaan modal (CAPEX) yang terdiri daripada pembangunan loji rawatan air baru, menaik taraf dan pemulihan aset air sedia ada, sistem pengagihan yang baru dan program air tak terhasil (NRW). Pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur aset air dilaksanakan melalui 3 kaedah mengikut kategori kerja iaitu *major works*, *minor works* dan *mini works*. Mengikut Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, pemegang lesen dikehendaki mengemukakan Rancangan Perniagaan Tiga Tahun kepada SPAN untuk pertimbangan dan kelulusan. Rancangan Perniagaan tersebut antara lain mengandungi pelan 3 tahun membangun, membaik pulih dan menyenggarakan sistem bekalan air. Rancangan yang diluluskan akan dikembalikan kepada pemegang lesen. PAAB bertanggungjawab untuk menilai rancangan tersebut dalam aspek komersial dan mendapatkan sumber pembiayaan.

ii. Pada tahun 2010 sejumlah RM1,280.61 juta telah diluluskan oleh SPAN untuk projek infrastruktur aset air di 3 Negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Johor. Daripada jumlah tersebut PAAB telah memperuntukkan sejumlah RM1,252.42 juta (97.8%) bagi pelaksanaan projek di 3 negeri tersebut iaitu sejumlah RM378.14 juta (30.2%) untuk Melaka, RM333.03 juta (26.6%) untuk Negeri Sembilan dan RM541.25 juta (43.2%) untuk Johor. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.9
BAJET DAN PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN BAGI TAHUN 2010 DAN 2011

NEGERI	BAJET YANG DILULUS OLEH SPAN (RM Juta)	PERUNTUKAN OLEH PAAB (RM Juta)			PERATUS PERUNTUKAN BERBANDING BAJET OLEH SPAN (%)
		2010	2011	JUMLAH	
Melaka	380.35	323.90	54.24	378.14	99.4
Negeri Sembilan	342.46	106.54	226.49	333.03	97.2
Johor	557.80	379.50	161.75	541.25	97.0
JUMLAH	**1,280.61**	**809.94**	**442.48**	**1,252.42**	**97.8**

Setakat 30 November 2011, sebanyak 285 daripada 433 projek dengan nilai RM668.66 juta telah ditawarkan dan sejumlah RM144.18 juta telah dibelanjakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.10
PRESTASI PROJEK INFRASTRUKTUR ASET AIR SETAKAT 30 NOVEMBER 2011

NEGERI	BILANGAN KESELURUHAN PROJEK	PROJEK YANG TELAH DITAWARKAN			PERATUS PERBELANJAAN (%)
		BILANGAN PROJEK	NILAI PROJEK (RM Juta)	JUMLAH YANG DIBELANJAKAN (RM Juta)	
Melaka	83	42	278.12	60.36	9.4
Negeri Sembilan	149	63	92.81	3.09	0.5
Johor	201	180	297.73	80.73	12.1
JUMLAH	**433**	**285**	**668.66**	**144.18**	**22.0**

iii. Mengikut analisis Audit terhadap Status Projek *CAPEX* yang dikemukakan kepada pihak Audit setakat 30 November 2011 mendapati daripada 285 projek tersebut, 168 projek adalah dalam peringkat pelaksanaan sementara 117 projek *minor* dan *mini* sepatutnya telah siap pada/sebelum 30 November 2011. Bagaimanapun, analisis mendapati daripada 117 projek, 61 (52.1%) projek lewat disiapkan, 48 (41%) projek disiapkan mengikut jadual dan 8 (6.8%) projek siap awal daripada jadual. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.11
PRESTASI PROJEK MINOR DAN MINI SETAKAT 30 NOVEMBER 2011

NEGERI	KATEGORI PROJEK	BIL. PROJEK YANG DILAKSANA	PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK BERBANDING JADUAL		
			SIAP AWAL	IKUT JADUAL	LEWAT
Melaka	Minor	28	0	18	10
	Mini	2	0	2	0
Negeri Sembilan	Minor	1	0	0	1
	Mini	23	0	15	8
Johor	Minor	12	0	0	12
	Mini	51	8	13	30
JUMLAH		**117**	**8**	**48**	**61**

iv. Analisis Audit selanjutnya mendapati tempoh kelewatan menyiapkan projek adalah antara 8 hingga 223 hari. Kelewatan tersebut antara lain disebabkan oleh kelewatan mendapat kelulusan untuk kerja-kerja tanah yang melibatkan pemasangan paip, kelewatan bekalan paip oleh pembekal yang dilantik oleh PAAB/operator air berkaitan dan masalah yang dihadapi oleh kontraktor.

Maklum Balas Pengurusan Aset Air Berhad Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

PAAB mengakui terdapat penangguhan dalam pelaksanaan beberapa projek dan telah mengambil tindakan yang berikut:

- ***Mengadakan mesyuarat penyelarasan bulanan dengan semua operator air dan ejen pelaksana.***
- ***Menjadikan pelaksanaan projek kecil dan mini sebagai sebahagian daripada KPI Bahagian Projek, PAAB bagi memastikan projek dipantau dengan rapi.***
- ***Bagi penangguhan yang berkaitan dengan Pihak Berkuasa Tempatan, JKR dan BKI, pihak PAAB telah mengadakan rundingan dengan mereka untuk menyelesaikan isu yang berkaitan dengan 'Wang Amanah', Jaminan Bank dan Permit Kerja.***

- ***Untuk penangguhan yang disebabkan oleh bahan/peralatan, bahan alternatif atau jenama dengan kualiti yang setara telah dipertimbangkan, tetapi ini boleh membawa kepada tambahan masa pembinaan kerana proses kelulusan untuk perubahan bahan/peralatan dari kontrak asal memakan masa. Penangguhan awal adalah kerana kekurangan bekalan disebabkan cuti perayaan.***

Berdasarkan langkah tersebut PAAB memaklumkan pihaknya telah mengurangkan peratusan jumlah projek tertangguh daripada 56.4% pada bulan November 2011 kepada 34.3% bulan pada Mac 2012.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya, prestasi pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur aset air masih boleh dipertingkatkan. Oleh itu, PAAB perlu mempertingkatkan pemantauan terhadap agensi pelaksana bagi memastikan projek disiapkan mengikut jadual.

d. Prestasi Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Bagi menjamin kesinambungan pengukuran produktiviti, pihak pengurusan PAAB telah menetapkan 12 elemen utama sebagai petunjuk prestasi utama bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011. Pada tahun 2010, PAAB telah mencapai 88% sasaran yang ditetapkan dan pada tahun 2011 pencapaiannya adalah 89.5%. Semakan Audit mendapati KPI ada dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan dikemukakan pencapaiannya kepada Kementerian Kewangan pada setiap suku tahun. Butiran prestasi KPI bagi tahun 2010 dan 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.12
PENCAPAIAN KPI BAGI TAHUN 2010

MATLAMAT	PEMBERAT (%)	MARKAH (MAKS. 5)	PENCAPAIAN (%)
Implementation Of Assets Tagging Exercise For Negeri Sembilan, Melaka And Johor	10	5	10
Commencement Of Physical Works For Packages For LRAL 2 And Sg. Labu WTP	10	3	6
Progress Of Migration Of States Government/Water Operator Into The New Licensing Regime	10	5	10
Progress Of Issuance Of Government Guarantee Sukuk	10	3	6
Generate Income From Placement Of Excess Funds And Other Investment	5	5	5
Implementation of Engineering Study And 5 Completion Of Feasibility Study/Conceptual Design Report - Johor	10	5	10
Provision Of Value Added Services And Technical Operational Guidelines Of Central Migrated States	5	5	5
Implementation Of Central Purchasing Contract For Migrated States	10	4	8
Implementation Of Enterprise Resource Planning	10	4	8
Training Hours Per Employee Including Briefing Sessions	5	5	5
Resolution Of Outstanding Audit Findings	10	5	10
Implementation Of Enterprise Risk Management Including Business Continuity Management	5	5	5
PENCAPAIAN KESELURUHAN	**100**	**Maks.5**	**88**

JADUAL 65.13
PENCAPAIAN KPI BAGI TAHUN 2011

MATLAMAT	PEMBERAT (%)	MARKAH (MAKS. 5)	PENCAPAIAN (%)
Operational Implementation Of Enterprise Risk Management (ERM) Action Plan For PAAB Top 20 According To Agreed Timeline With Periodic Review And Update Department/Division Risk Profiles	10	5	10
Resolution On All Audit Anomalies	5	0	0
Putting In Place A New Sukuk Programme And Minimising Overall Borrowing Costs	5	5	5

MATLAMAT	PEMBERAT (%)	MARKAH (MAKS. 5)	PENCAPAIAN (%)
State Government/Water Operator To The New Licensing Regime	20	3.81	15
Training & Development Hours Per Employee Including Briefing Sessions	5	4.85	4.9
Recruitment-Turnaround Time To Recruit	5	4.94	4.9
Cost Of Saving Through Implementation Of Central Purchasing Contract	10	5	10
Improve Timing Of Progress Payment To Contractors And Consultants	10	5	10
Ensure Strict Compliance On The Awarding Of Major Works Based On Consultant Master Implementation Plan (MIP)	10	4.83	9.7
Implementation Of Assets Database Including Accurate Recording Of Land Information And Land Management System By Year End	5	5	5
Implementation Major Projects As Per Consultant Master Implementation Plan (MIP)	10	5	10
Develop Guidelines On Technical Services Which Comprises Of Frameworks For Water Safety Plans, Guidelines On Pre-Development Cost, Operational Statistical Report For Water Operators and Product Technical Briefing In Accordance With Prescribe MIP	5	5	5
PENCAPAIAN KESELURUHAN	**100**	***Maks*. 5**	**89.5**

Maklum Balas Pengurusan Aset Air Berhad Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

Pencapaian keseluruhan KPI PAAB bagi tahun 2011 adalah sebanyak 89.5%.

Pada pendapat Audit, walaupun pencapaian KPI tidak 100% namun peningkatan pencapaian tahun ke tahun iaitu daripada 88% pada tahun 2010 kepada 89.5% pada tahun 2011 adalah satu keadaan yang memuaskan dan ia perlu dipertingkatkan pada tahun-tahun akan datang.

65.5.2.2. Pengurusan Aktiviti

a. Pengurusan Infrastruktur Aset Air

i. Setakat 31 Disember 2010, PAAB mempunyai aset air berjumlah RM6.975 bilion. Bagi menguruskan infrastruktur air, PAAB telah membangunkan *Total Asset Management Systems* (TAMS). Fasa 1 dan 2 projek perintis bagi TAMS melibatkan syarikat air di Negeri Sembilan (SAINS), Melaka (SAMB) dan Johor (SAJH). Fasa 1 yang melibatkan kerja pengumpulan data telah siap sepenuhnya. Manakala Fasa 2 pula bermula pada 2 Julai 2011 dan dijangka siap pada 20 Mac 2012 dengan nilai kontrak berjumlah RM28.89 juta. Bagi Fasa 2 pula, skop kerja terdiri daripada kerja infrastruktur seperti pembekalan perkakasan dan perisian, pengumpulan maklumat aset dan sistem pengurusan aset untuk memastikan aset dikendali dan disenggarakan oleh semua pemegang perkhidmatan dengan cara berkesan.

ii. **Pelabelan Aset**

Mengikut kontrak, kos untuk melabelkan satu unit aset adalah berjumlah RM1,100. Antara aset tersebut adalah seperti *reservoir*, tangki air dan rumah pam. Setakat September 2011, sejumlah RM1.61 juta telah dibayar kepada kontraktor untuk melabel 1,465 aset. Laporan Kemajuan Pelabelan Aset dimasukkan ke dalam Laporan Pelaksanaan Sistem TAMS secara bulanan. Lawatan Audit ke beberapa lokasi di Johor mendapati 5 aset tidak dilabel dengan sempurna yang melibatkan kos pelabelan sejumlah RM5,500 seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 65.14
CONTOH PELABELAN ASET YANG TIDAK DIBUAT DENGAN SEMPURNA

PENEMUAN AUDIT	BIL. KES	LOKASI	KOS (RM)	CATATAN
Bekas Tapak Tangki Dilabel	2	Kg. Lubok Kepong dan Tambang	2,200	Tanah Kosong (**Gambar 65.1** dan **Gambar 65.2**)
Label Didirikan Di Tempat Yang Tidak Sesuai	1	Batu 34, Johor	1,100	**Gambar 65.3**
Kesilapan Pelabelan	2	Awat, Johor	2,200	Dua label didirikan tetapi hanya satu tangki sahaja yang wujud. Satu lagi tangki lama telah dilupuskan sebelum label tersebut didirikan.
JUMLAH	**5**		**5,500**	

GAMBAR 65.1



Bekas Tapak Reservoir Kg. Lubok Kepong, Daerah Segamat, Johor - Tanah Kosong Dilabel Dengan Nama Reservoir (19.12.2011)

GAMBAR 65.2



Bekas Tapak Reservoir Tambang, Daerah Segamat, Johor - Tanah Kosong Dilabel Dengan Nama Reservoir (19.12.2011)



GAMBAR 65.3

Reservoir Batu 34, Daerah Pontian, Johor - Papan Tanda Label Didirikan Di Belakang Reservoir Dan Bukannya Di Pintu Masuk (19.12.2011)

Maklum Balas Pengurusan Aset Air Berhad Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

PAAB telah menyelesaikan masalah di lokasi yang terbabit. Bagi pelabelan aset pada masa depan, satu penetapan telah dibuat di mana kontraktor yang dilantik perlu menyediakan satu senarai penuh mengenai status aset berkenaan. PAAB juga akan menjalankan pemantauan untuk memastikan keberkesanan pelabelan aset.

Pada pendapat Audit, tindakan PAAB untuk membangunkan TAMS adalah baik tetapi PAAB dan pegawai yang bertanggungjawab hendaklah memastikan aset dilabel dengan sempurna sebelum bayaran dibuat.

b. Penyenggaraan Aset Yang Diambil Alih

Aset yang diambil alih oleh PAAB perlu disenggarakan secara pencegahan, pembetulan dan kecemasan. Mengikut Perjanjian Fasiliti, adalah menjadi tanggungjawab operator air untuk menyenggarakan aset air bagi memastikan ia sentiasa berada dalam keadaan baik. Selain itu, mengikut perjanjian tersebut operator air juga dikehendaki untuk mengemukakan jadual penyenggaraan tahun

berikutnya kepada PAAB sebelum 15 Oktober tahun semasa dan Laporan Penyenggaraan kepada PAAB setiap 6 bulan. Semakan Audit di SAMB dan SAJH mendapati perkara berikut:

i. Semakan Audit terhadap 12 sampel aset air di SAMB mendapati rekod penyenggaraan yang diselenggarakan tidak kemas kini dan pihak Audit tidak dapat mengesahkan sejauh mana penyenggaraan telah dilaksanakan. Tarikh terakhir yang direkodkan adalah antara tahun 2002 hingga 2008 seperti di **Jadual 65.15**. Bagaimanapun SAJH telah menjalankan penyenggaraan mengikut jadual dan menyelenggarakan rekod dengan kemas kini.

JADUAL 65.15
REKOD PENYENGGARAAN ASET YANG TIDAK KEMAS KINI DI SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD

JENIS ASET	MODEL/JENAMA	TARIKH TERAKHIR PENYENGGARAAN DIREKODKAN	LOKASI ASET
Diesel Engine C/W Pump	Caterpiller	30.03.2004	Tidak dapat dipastikan kerana tidak direkodkan dalam daftar
Diesel Engine C/W Pump	Hino	04.07.2005	
Diesel Engine C/W Pump	Izuzu	12.03.2002	
Diesel Engine C/W Pump	Slanzi	23.04.2002	
Diesel Engine C/W Pump	Lister	10.09.2005	
Reservoir Alor Gajah	-	17.04.2008	Alor Gajah, Melaka
Air Compressor	Atlas Copoco GA 22	12.02.2008	*Bertam DAF Filter Gallery And Pump House, Melaka*
Aluminium Tank 1	-	-	
Aluminium Tank 2	-	27.02.2007	
Aluminium Tank 3	-	15.09.2007	
Lime Pump	-	07.09.2007	
Saturation System	-	09.05.2008	

ii. Semakan Audit juga mendapati Jadual Penyenggaraan Tahunan dan Laporan Penyenggaraan tidak dikemukakan oleh operator air (SAMB dan SAJH) kepada PAAB.

Maklum Balas Pengurusan Aset Air Berhad Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

PAAB telah meminta dan menerima jadual penyenggaraan dari SAJH, SAINS dan SAMB. PAAB juga telah meminta SAMB untuk menghasilkan sejarah rekod penyenggaraan ke atas aset yang bermula dari tarikh penghijrahan pada tahun 2008 dan memastikan rekod dikemas kini. PAAB juga akan memastikan semua Pemegang Lesen Perkhidmatan mematuhi perjanjian fasiliti untuk menjalankan penyenggaraan yang betul dan PAAB akan memeriksa rekod penyenggaraan berdasarkan jadual yang dikemukakan setiap 6 bulan. Polisi jadual penyerahan kerja-kerja penyenggaraan akan dibangunkan serentak dengan TAMS. Polisi jadual kerja penyenggaraan juga akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah PAAB untuk kelulusan.

Pada pendapat Audit, PAAB perlu mempertingkatkan mekanisme pemantauan secara berterusan terhadap operator air supaya rekod penyenggaraan sentiasa kemas kini, mengemukakan jadual penyenggaraan dan menjalankan penyenggaraan seperti yang dijadualkan bagi memastikan aset air sentiasa dalam keadaan baik.

c. Aset Yang Diambil Alih Tidak Diinsuranskan

Mengikut perjanjian fasiliti yang ditandatangani antara PAAB dan SAMB, "*...PAAB shall at the cost and expense of SAMB insure All Water Assets and New Water Assets.....".* Mengikut perjanjian fasiliti yang ditandatangani antara PAAB dan SAJH pula adalah menjadi tanggungjawab SAJH untuk menginsuranskan semua aset air sepanjang tempoh penggunaan aset berkenaan. Tujuan perlindungan insurans ini adalah untuk melindungi PAAB sebagai pemilik aset daripada sebarang tuntutan jika berlaku kehilangan atau sebarang kemalangan. Semakan Audit mendapati kecuali SAJH, infrastruktur air yang dipindah milik kepada PAAB oleh SAMB tidak diinsuranskan.

Maklum Balas Pengurusan Aset Air Berhad Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

Semua aset PAAB telah diinsuranskan pada April 2012. Broker insurans yang dilantik sedang dalam proses perbincangan dengan semua operator air negeri untuk mengenal pasti aset individu sebagaimana yang dipersetujui dalam senarai aset.

Pada pendapat Audit, syarat insurans bagi infrastruktur air yang dipindah milik kepada PAAB hendaklah dipatuhi bagi melindungi keselamatan aset air dan menjamin kepentingan PAAB.

d. Keselamatan Infrastruktur Aset Air

Kolam imbangan, kolam/tangki servis dan rumah pam di dalam sistem agihan adalah disenaraikan sebagai salah satu sasaran penting negara. Oleh itu, kawalan keselamatan yang sewajarnya hendaklah diadakan terhadap aset tersebut bagi mengelakkan ia menjadi sasaran yang boleh menjejaskan keselamatan Negara. Mengikut perjanjian fasiliti, adalah menjadi tanggungjawab operator untuk memastikan keselamatan terhadap semua aset air. PAAB pula bertanggungjawab untuk membaik pulih, menaik taraf dan membangunkan aset air. Lawatan Audit ke beberapa lokasi di Melaka dan Johor mendapati perkara berikut:

i. Selain daripada empangan dan infrastruktur air terdapat rumah rehat didirikan di dalam kawasan Empangan Durian Tunggal, Melaka yang dibina sebelum pemindahan aset ke PAAB dan didapati masih beroperasi sehingga kini.

ii. Sebahagian pagar *elevated reservoir* di Alor Gajah, Melaka telah dirobohkan. Keadaan ini akan memudahkan pencerobohan kawasan tersebut.

iii. Hampir kesemua penutup kolam imbangan di Bukit 75, Daerah Kota Tinggi, Johor tiada seperti yang sepatutnya. Menurut pegawai SAJH, penutup tersebut telah dicuri.

iv. Pintu pagar ke tangki air di Masai Johor tiada seperti yang sepatutnya. Menurut pegawai SAJH, penutup tersebut telah dicuri.

Gambar 65.4 hingga **65.10** menunjukkan perkara tersebut di atas.



GAMBAR 65.4

Kawasan Empangan Durian Tunggal, Melaka - Rumah Rehat Dibina Di Dalam Kawasan Empangan (23.11.2011)

GAMBAR 65.5



Kolam Imbangan Bukit 75, Kota Tinggi, Johor
- Contoh Penutup Balancing Reservoir
(20.12.2011)

GAMBAR 65.6



Kolam Imbangan Bukit 75, Kota Tinggi, Johor
- Penutup Balancing Reservoir Telah Dicuri
(20.12.2011)

GAMBAR 65.7



GAMBAR 65.8



Tangki Air Masai, Johor
- Sebelah Pintu Pagar Masuk Ke Tangki Air Masai Tiada
(22.12.2011)

GAMBAR 65.9



Reservoir Sg. Tiram, Kota Tinggi, Johor
- Penutup Chambers Dicuri
(22.12.2011)

GAMBAR 65.10



Reservoir Sg. Tiram, Kota Tinggi, Johor
- Pemegang Tangga Telah Dicuri
(22.12.2011)

Maklum Balas Pengurusan Aset Air Berhad Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

PAAB akan memohon daripada Operator Air untuk memberikan laporan status semasa aset. Jika terdapat kes pencerobohan seperti yang dilaporkan oleh operator air, PAAB akan menjalankan pemeriksaan penelitian bersama dengan operator air bagi membuat pengesahan dan membincangkan langkah yang perlu diambil. Program pemantauan akan dimulakan secepat mungkin.

Pada pendapat Audit, PAAB perlu memastikan operator air menjaga keselamatan aset air bagi mengelakkan ia dijadikan sasaran pihak tertentu yang boleh menjejaskan keselamatan negara. Selain itu, PAAB perlu memastikan operator air membaiki kerosakan dan menguruskan kekurangan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian fasiliti.

e. Operasi Yang Tidak Berkaitan Di Tapak Aset Air

Mengikut perjanjian induk, tapak tanah yang dipindahkan kepada PAAB hendaklah bebas daripada halangan atau sekatan. Bagaimanapun, semakan Audit di SAMB dan SAJH serta lawatan ke beberapa tapak tanah infrastruktur air di Melaka dan Johor mendapati perkara berikut:

i. Menara Telekomunikasi

Menara Telekomunikasi telah didirikan di dalam kawasan tangki air sebelum pemindahan aset dan penyerahan hak milik tanah kepada PAAB. Lawatan Audit mendapati laluan masuk ke menara tersebut menggunakan laluan sedia ada yang sama ke tangki air berkenaan. Ini boleh mengakibatkan berlakunya pencerobohan ke atas aset air oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Contoh menara telekomunikasi yang didirikan adalah seperti di **Gambar 65.11** hingga **65.13**. Semakan Audit mendapati, 21 tapak tangki di Melaka dan 62 tapak tangki di Johor mempunyai menara telekomunikasi. Bagaimanapun, PAAB tidak dapat mengambil apa-apa tindakan kerana pembinaan menara telekomunikasi dibuat sebelum pemindahan infrastruktur aset air kepada PAAB dan tanah masih belum dipindah milik. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.16
MENARA TELEKOMUNIKASI YANG DIDIRIKAN DI TAPAK ASET AIR

NEGERI	BIL. MENARA	SEWA BULANAN TAPAK MENARA TELEKOMUNIKASI (RM)	CATATAN
Melaka	21	47,370	• Sewa tapak menara telekomunikasi dikutip oleh SAMB.
Johor	62	72,137	• Unit Perancangan Ekonomi Negeri telah mengarahkan Juruukur yang dilantik dan SAJ Holdings untuk memastikan tapak-tapak yang menempatkan menara telekomunikasi dikeluarkan daripada plot tanah yang akan dipindahkan kepada PAAB. • Bayaran sewa tapak menara telekomunikasi telah dikutip oleh Kerajaan Negeri sebaik sahaja perjanjian pindah milik aset ditandatangani.
JUMLAH	**83**	**119,507**	

GAMBAR 65.11



Reservoir Bukit Cheng, Melaka
- Menara Telekomunikasi Didirikan
Di Dalam Kawasan Resevoir
(23.11.2011)

GAMBAR 65.12



Reservoir Bukit Belukar, Daerah Kota Tinggi, Johor
- Menara Telekomunikasi Didirikan
Di Dalam Kawasan Resevoir
(20.12.2011)



GAMBAR 65.13

Reservoir Masai, Johor
- Menara Telekomunikasi Didirikan
Di Dalam Kawasan Resevoir
(22.12.2011)

ii. **Bekas Tapak Terbiar Dan Digunakan Untuk Tujuan Lain**

Lawatan Audit ke Johor mendapati satu bekas tapak aset air telah dijadikan tempat letak kereta dan tempat pembuangan sampah. Contohnya adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 65.14



Tapak Tangki Air Tebrau ,
Daerah Johor Bahru, Johor
- Kawasan Tangki Air Dijadikan Tempat Letak Kereta Berbayar
(22.12.2011)

GAMBAR 65.15



Tapak Tangki Semanjung 2,
Daerah Kulai, Johor
- Dijadikan Tempat Pembuangan Sampah

Maklum Balas Pengurusan Aset Air Berhad Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

Pelan tindakan yang sedang dan akan diambil adalah seperti berikut:

i. Untuk negeri yang telah menandatangani perjanjian:

- ***Pemeriksaan penelitian yang menyeluruh akan dibuat bersama-sama dengan Operator Air Negeri yang melibatkan tapak/lokasi yang disenaraikan dalam perjanjian itu.***
- ***Membuat penyelidikan bagi menentukan sempadan dan untuk memastikan tidak ada struktur lain yang menceroboh ke tapak Sistem Bekalan Air.***
- ***Negeri harus mengambil langkah yang perlu untuk membebaskan tanah/tapak daripada bebanan/penceroboh/setinggan dan aktiviti lain yang menyalahi undang-undang kecuali menara telekomunikasi. Ini bagi mengelakkan kesan ke atas Inisiatif Jalur Lebar Kebangsaan yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan.***
- ***Menunggu kelulusan dari SPAN untuk membenarkan aktiviti menara telekomunikasi dalam kawasan aset air.***
- ***Dicadangkan tapak/tanah perlu diagihkan kepada beberapa bahagian bagi mengecualikan tanah itu dari Sistem Bekalan Air atau meminta pihak ketiga mengosongkan tanah dan mengalihkan struktur mereka.***
- ***Membina pagar di sekeliling tapak Sistem Bekalan Air.***

ii. Bagi Negeri yang masih belum menandatangani perjanjian:

- ***Pemeriksaan penelitian harus dilakukan sebelum penghijrahan, tertakluk kepada persetujuan daripada Pihak Berkuasa Negeri.***
- ***Membuat penyelidikan bagi menentukan sempadan di mana terdapat struktur sedia ada kepunyaan pihak ketiga.***
- ***Memberikan satu senarai berasingan yang dilampirkan kepada lampiran perjanjian yang mengandungi maklumat tanah: No. Lot/Kawasan/Status***

(Tanah Negeri/Tanah diberi milik/Tanah rizab/Lokasi/Daerah dan Mukim/Sekatan atas tanah (aktif/tidak aktif/dirobohkan).

- ***Melampirkan pelan dan lukisan pembinaan untuk semua tapak yang disenaraikan dalam perjanjian.***

Pada pendapat Audit, pelan tindakan yang disediakan oleh PAAB adalah sesuai dan baik, bagaimanapun bagi melancarkan lagi pelaksanaan pelan tersebut, adalah perlu bagi pengurusan PAAB untuk menyediakan polisi dan prosedur yang jelas mengenainya.

65.5.2.3. Pengurusan Terhadap Pembinaan Aset Air

Bagi menguruskan perolehan, PAAB telah mengeluarkan Manual Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja. Semakan Audit terhadap manual tersebut mendapati secara keseluruhannya ia adalah selaras dengan peraturan perolehan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia dan disesuaikan untuk memenuhi kehendak syarikat. Selain itu, PAAB juga telah mengeluarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) *Project Evaluation, SOP Mini Works, Minor Works* dan *Major Works.* Semakan Audit terhadap pengurusan pembinaan aset air mendapati perkara berikut:

a. Kuasa Meluluskan Perolehan Kerja

Manual tersebut menetapkan prosedur pengendalian sebut harga dan tender serta pegawai atau pihak berkuasa yang diberi kuasa untuk meluluskan perolehan kerja seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.17
PEGAWAI YANG DIBERI KUASA MELULUS DAN HAD KUASA

NILAI PEROLEHAN KERJA	PEGAWAI YANG DIBENARKAN/ PIHAK BERKUASA MELULUS
Sehingga RM50,000	Ketua Bahagian Seperti Yang Dibenarkan Oleh Ketua Pegawai Eksekutif
Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000	Pengurus Besar dan ke atas
Melebihi RM500,00 sehingga RM3 juta	Lembaga Perolehan C PAAB
Melebihi RM3 juta sehingga RM20 juta	Lembaga Perolehan B PAAB
Melebihi RM20 juta sehingga RM50 juta	Lembaga Perolehan A PAAB
Melebihi RM50 juta sehingga RM300 juta	Lembaga Pengarah Syarikat
Melebihi RM300 juta	Kementerian Kewangan

Semakan Audit terhadap kaedah perolehan kerja bagi 16 projek kerja yang dipilih mendapati kaedah perolehan yang ditetapkan dalam manual telah dipatuhi.

Pada pendapat Audit, Manual, Garis Panduan dan SOP yang diguna pakai oleh PAAB adalah mencukupi dan telah dipatuhi oleh PAAB untuk urusan perolehan kerja tersebut.

b. Pelaksanaan Projek Infrastruktur Aset Air

Pelaksanaan projek infrastruktur aset air adalah berdasarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang perlu diluluskan di mana projek dikategorikan kepada 3 jenis kerja iaitu *Mini, Minor* dan *Major Works. Mini Works* adalah kerja yang bernilai sehingga RM1 juta diluluskan oleh SPAN dan PAAB termasuk kerja segera. Manakala bagi *Minor Works* pula adalah kerja yang disenaraikan dalam Rancangan Perniagaan operator air yang diluluskan oleh SPAN. Bagi *Mini* dan *Minor Works*,

operator air dilantik sebagai agensi pelaksana. *Major Works* pula, adalah kerja yang disenaraikan dalam Rancangan Perniagaan operator air yang diluluskan oleh SPAN dan diterima oleh PAAB sebagai perbelanjaan modal serta merangkumi program penggantian untuk aset air yang sedia ada. Semakan Audit mendapati dari 16 projek infrastruktur air yang diaudit, didapati hanya satu projek bagi *major work*s yang sepatutnya siap pada 30 November 2011 telah dilanjutkan tempoh siap kepada 16 Disember 2011, manakala 6 projek lain masih dalam pelaksanaan yang sepatutnya siap antara bulan Disember 2011 hingga Mac 2013. Adalah didapati 2 dari 7 *minor works* telah dikeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja dan status bagi 5 projek tidak dapat ditentukan kerana Sijil Perakuan Siap Kerja belum dikeluarkan.

c. Projek Bekalan Air Alternatif Ke Kuala Lumpur International Airport (KLIA), Reka Bentuk Dan Bina Loji Rawatan Air Dan Kerja Berkaitan Di Sg. Labu, Selangor

i. Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Ke-2 (PRE II), Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan Projek Bekalan Air Alternatif ke KLIA dengan peruntukan berjumlah RM89 juta. Pada masa ini sumber bekalan air ke KLIA dibekalkan oleh Loji Rawatan Air Semenyih. Bagi menampung peningkatan permintaan bekalan air di KLIA dan cadangan pembinaan Terminal Tambang Murah (LCCT) yang baru, maka langkah susulan harus diambil bagi memastikan KLIA yang menjadi pintu masuk utama negara mempunyai bekalan air yang mencukupi. Perkara ini dapat mengelakkan berulangnya kes gangguan bekalan air sebagaimana yang pernah berlaku di KLIA pada Oktober 2008. Pada April 2009, satu kajian kemungkinan telah dijalankan oleh juru perunding yang dilantik oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan mendapati sistem aliran Sg. Labu berdekatan dengan KLIA telah dikenal pasti sebagai sumber yang berpotensi menjadi alternatif sumber bekalan air ke KLIA. [Selaras dengan Dasar Penstrukturan Industri Perkhidmatan Air Negara, PAAB dikehendaki untuk turut terlibat dalam pembiayaan dan pembangunan projek tersebut secara *fast track*. Pihak KeTTHA melalui peruntukan asal di bawah PRE II berjumlah RM89 juta akan membiayai *source work* yang melibatkan kerja pengambilan tanah dan pembinaan *water intake].* Manakala PAAB pula membiayai kos projek yang melibatkan pembinaan loji dan paip agihan*.* Lembaga Pengarah PAAB dalam mesyuaratnya pada 24 Ogos 2009 telah bersetuju untuk melaksanakan projek tersebut melalui kaedah *Fast Track Performance Contract* secara Reka dan Bina.

ii. Pada 27 Disember 2010 satu kontrak bernilai RM84.21 juta bagi Projek Bekalan Air Alternatif ke KLIA, Reka Bentuk Dan Bina Loji Rawatan Air Dan Kerja Berkaitan Di Sg. Labu, Selangor telah ditandatangani antara PAAB dengan kontraktor, Salcon Engineering Berhad (SEB). Tarikh milik tapak adalah pada 1 Jun 2010 dan tempoh penyiapan untuk Peringkat 1 adalah 12 bulan dan untuk Peringkat 2 adalah 18 bulan daripada tarikh milik tapak. Selain itu, syarat kontrak memperuntukkan denda dan ganti rugi tertentu jika projek tidak disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Mengikut perjanjian asal tarikh milik tapak adalah pada 1 Jun 2010 dan tarikh siap untuk Peringkat 1 adalah pada 31 Mei 2011 dan 30 November 2011 untuk Peringkat 2. Bagaimanapun pada 13 Jun 2011, satu perjanjian tambahan telah ditandatangani antara PAAB dengan kontraktor untuk membatalkan tarikh milik tapak dan tarikh siap projek dan digantikan dengan tarikh baru seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.18
TARIKH MILIK TAPAK DAN TARIKH SIAP PROJEK

PENGENALAN BAHAGIAN/ SEBAHAGIAN KERJA	TARIKH MILIK TAPAK (KLAUSA 12.2)	TARIKH SIAP PROJEK (KLAUSA 44.1)	DENDA DAN GANTI RUGI TERTENTU SEHARI (KLAUSA 45.2) (RM)
Peringkat 1	16.06.2010	15.06.2011	10,666.63
Peringkat 2	16.06.2010	15.12.2011	2,133.79

iii. Skop kerja Peringkat 1 terdiri daripada kerja memasang paip air mentah jenis keluli lembut (MSCL) sepanjang 460 meter dan paip utama air terawat sepanjang 3,200 meter, menjalankan pembinaan kerja *Civil, Pumping Plant, Treatment Plant, Generating Plant, Electrical Plant, Instrumentation, Supervisory Control And Data Acquisition (SCADA) System* dan kerja berkaitan yang merangkumi kerja memproses dan penghantaran 52.5 *million liter per day* (Mld) air yang telah dirawat kepada takungan perkhidmatan dengan tempoh siap selama 12 bulan iaitu pada 15 Jun 2011. Skop kerja Peringkat 2, pula meliputi kerja memproses dan mengeluarkan air terawat sebanyak 105 Mld, menyiapkan *residual plant* yang terdiri daripada *waste washwater tank, thickener tank* dan *decanter building* dan termasuk kerja *road work, drainage* dan *landscape* dengan tempoh 18 bulan iaitu tarikh siap pada 15 Disember 2011. Setakat bulan November 2011, projek tersebut telah siap 99.9 peratus berbanding dengan jadual 99.8 peratus. Manakala bagi kemajuan kewangan pula sejumlah RM71.70 juta (85.1%) daripada nilai kontrak telah dibayar. Perbezaan tersebut disebabkan oleh bayaran kemajuan dibayar dalam tempoh 60 hari daripada tarikh terima tuntutan kemajuan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.19
KEMAJUAN FIZIKAL DAN KEWANGAN PROJEK SETAKAT 30 NOVEMBER 2011

KEMAJUAN FIZIKAL			KEMAJUAN KEWANGAN		
SEPATUT	SEBENAR	PERBEZAAN	SEPATUT	SEBENAR	PERBEZAAN
99.8%	99.9%	0.1%	97.3%	87.5%	(9.8%)

Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- **Pengurusan Operasi Dan Penyenggaraan Loji**

  Mengikut minit Mesyuarat Bagi Membincangkan Operasi Loji Rawatan Air (LRA) Sg. Labu dan *Off River Storage* pada 16 Mac 2012, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk melantik Konsortium Air Selangor Berhad (KASB) sebagai operator LRA Sg. Labu mulai 1 Jun 2012. Setakat bulan April 2012, perjanjian antara PAAB dan operator yang dilantik masih belum ditandatangani. Pada masa ini LRA, Sg. Labu dikendalikan oleh SEB sehingga 31 Mei 2012 dan PAAB terpaksa menanggung kos sejumlah RM52,688 sebulan untuk *overhead and administrative cost*. Kelewatan melantik operator untuk mengendalikan loji tersebut menyebabkan PAAB lewat mendapatkan sewa pajakan.

- Lawatan Audit ke LRA Sg. Labu pada 2 April 2012 mendapati loji tersebut tersebut telah beroperasi tetapi tidak sepenuhnya dan dikendalikan oleh SEB iaitu kntraktor pembinaan untuk loji tersebut. LRA Sg. Labu tidak

beroperasi sepenuhnya kerana kapasiti tangki air KLIA sedia ada hanya dapat menampung sebanyak 46 MLD. dan paip agihan juga tidak dapat menampung kapasiti pengeluaran air terawat daripada LRA Sg. Labu sebanyak 105 MLD. Semakan Audit mendapati purata pengeluaran air terawat LRA Sg. Labu daripada 20 Mac 2012 sehingga 2 April 2012 adalah sebanyak 32.3 MLD. sahaja. Bagaimanapun, pada 13 April 2012, pihak PAAB telah mengeluarkan arahan perubahan kerja berjumlah RM11.90 juta untuk kerja tambahan bagi kerja menaik taraf sistem paip agihan untuk membolehkan air terawat disalurkan ke kawasan Dengkil dan Bandar Baru Salak Tinggi seterusnya meningkatkan kapasiti pengeluaran air terawat LRA Sg. Labu yang sedang beroperasi. Keadaan loji adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 65.16



Loji Rawatan Air Sg. Labu
- Loji Telah Mula Beroperasi
(02.04.2012)

GAMBAR 65.17



"Force Aeration" Loji Rawatan Air Sg. Labu
- Tangki Unit Proses Pengudaraan Air
(02.04.2012)



GAMBAR 65.18

"Dissolved Air Floatation" Loji Rawatan Air Sg. Labu
- Tangki Unit Penjernih Air Jenis DAF
(02.04.2012)

Maklum Balas Pengurusan Aset Air Berhad Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

SPAN sebagai pengantara untuk Operasi dan Penyenggaraan LRA Sg. Labu, akan mengadakan mesyuarat untuk menyusun pelan operasi supaya KASB boleh mengendalikan LRA Sg. Labu selewat-lewatnya 1 Jun 2012.

Pada pendapat Audit, pihak yang bertanggungjawab seperti KeTTHA, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan PAAB serta pihak yang berkaitan hendaklah mengambil tindakan segera untuk berbincang bersama bagi memuktamadkan isu berkaitan supaya membolehkan LRA dapat beroperasi sepenuhnya.

65.5.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan urus tadbir korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, PAAB telah mewujudkan beberapa jawatankuasa antaranya Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Lembaga Tender dan Sebut harga yang mempunyai peranan masing-masing bagi memastikan peraturan pengurusan, operasi dan kewangan syarikat yang sedia ada dipatuhi dan sebarang kelemahan diatasi segera. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

65.5.3.1. Bayaran Dividen Kepada Kerajaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993, setiap syarikat Kerajaan perlu membayar dividen sekurang-kurangnya 10% dari keuntungan tahunan sebagai pulangan modal kepada Kerajaan selaku pemegang saham. Mengikut perenggan 7.1.8 dalam pekeliling yang sama, jika syarikat yang mempunyai keuntungan tetapi tidak bercadang untuk membayar dividen atas sebab yang tertentu perlu memohon pengecualian daripada Kementerian Kewangan. Semakan Audit mendapati walaupun PAAB memperoleh keuntungan bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 tetapi tiada bayaran dividen yang telah dibuat kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti kelulusan diperoleh daripada Kementerian Kewangan bagi mendapatkan pengecualian daripada membayar dividen. Mengikut kiraan Audit, Kerajaan sepatutnya menerima RM12.05 juta bagi tempoh tersebut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.20
KEUNTUNGAN DAN DIVIDEN SEPATUTNYA DIBAYAR OLEH PAAB

TAHUN	KEUNTUNGAN BERSIH (RM Juta)	DIVIDEN YANG SEPATUTNYA DIBAYAR BERDASARKAN 10 PERATUS (RM Juta)
2008	2.31	0.23
2009	47.41	4.74
2010	70.78	7.08
JUMLAH		**12.05**

Maklum Balas Pengurusan Aset Air Berhad Yang Diterima Pada 6 Jun 2012

PAAB masih lagi di peringkat awal penubuhan dan memerlukan semua wang tunai yang ada untuk memastikan semua projek dapat dilaksanakan dengan lancar serta pembayaran dibuat kepada operator air seperti yang dipersetujui di dalam Perjanjian. Pada tahun 2011, PAAB telah mengisytiharkan dan membayar dividen pertama dan terakhir bagi tahun kewangan 2011 iaitu sejumlah RM6.61 juta atau 1.61 sen sesaham.

65.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan PAAB mencapai tujuan utama penubuhannya iaitu untuk memajukan infrastruktur air negara di Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan adalah disyorkan semua pihak yang terlibat mengambil tindakan berikut:

65.6.1. Pihak Pengurusan PAAB perlu menyusuli perkara berkaitan pemindahan hak milik tanah dengan Kerajaan Negeri dengan segera.

65.6.2. Pengurusan PAAB perlu menyediakan polisi dan prosedur yang jelas bagi melancarkan pelaksanaan pelan tindakan yang dicadangkan untuk mengenal pasti kedudukan aset air yang telah dan akan diambil alih.

65.6.3. Pihak Pengurusan PAAB perlu memantau dan mengkaji peranan operator air dalam pelaksanaan projek bagi memastikan projek disiapkan mengikut jadual. Kelewatan projek boleh menjejaskan perkhidmatan bekalan air kepada pengguna.

65.6.4. Pihak Pengurusan PAAB juga perlu memantau operator air bagi memastikan keselamatan aset air supaya ia sentiasa disenggarakan dan berada dalam keadaan baik.

65.6.5. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan PAAB serta pihak yang berkaitan hendaklah mengambil tindakan segera untuk berbincang bersama bagi memuktamadkan isu berkaitan supaya membolehkan LRA Sg. Labu dapat beroperasi sepenuhnya.


Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 536-543
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

66. PENGURUSAN RANGKAIAN PENGANGKUTAN INTEGRASI DERAS SDN. BHD. (RAPIDKL)

66.1. LATAR BELAKANG

66.1.1. Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. (RapidKL) yang ditubuhkan pada 26 Julai 2004 dengan modal berbayar berjumlah RM300 juta adalah syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Pada 30 Jun 2009, Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) telah mengambil alih RapidKL daripada MKD dengan pegangan ekuiti 100%. RapidKL adalah pengendali (operator) sistem tren transit aliran Ampang dan Kelana Jaya serta pengangkutan bas di Kuala Lumpur dan sebahagian Lembah Klang. Setakat akhir tahun 2011, RapidKL mempunyai 1,561 bas untuk menggalakkan dan menyokong industri *city bus* dan pengangkutan bersepadu di Lembah Klang melibatkan 179 laluan. Setiap hari tren transit aliran Ampang dan Kelana Jaya memberi perkhidmatan kepada purata 350,000 penumpang, manakala bas memberi perkhidmatan kepada purata 280,000 penumpang. Jaringan laluan perkhidmatan tren dan bas adalah seperti di carta berikut:

CARTA 66.1
JARINGAN LALUAN PERKHIDMATAN TREN DAN BAS



66.1.2. RapidKL mempunyai 7 orang ahli Lembaga Pengarah. Pengurusan Syarikat pula diketuai oleh Pengarah Pengurusan dan dibantu oleh seramai 4,868 pegawai eksekutif dan bukan eksekutif.

66.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

66.2.1. prestasi kewangan RapidKL adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut;

66.2.2. pengurusan aktiviti RapidKL telah dilaksanakan dengan teratur, berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan; dan

66.2.3. pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat RapidKL adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

66.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek pengurusan, kewangan dan aktiviti utama RapidKL dari tahun 2009 hingga 2011. Aktiviti utama RapidKL meliputi operasi 2 aliran tren dan pengangkutan bas. Semakan terhadap dokumen telah dibuat di pejabat RapidKL, MKD, SPNB dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

66.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen dan rekod kewangan serta aktiviti syarikat. Analisis terhadap penyata kewangan dijalankan untuk mengetahui kedudukan kewangan syarikat. Selain daripada perbincangan serta temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab, pemeriksaan fizikal depoh, bengkel dan bas juga telah dijalankan. Soal selidik telah dikemukakan kepada pelanggan RapidKL untuk mendapatkan pandangan mereka ke atas perkhidmatan yang disediakan.

66.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2011 mendapati pada umumnya, RapidKL telah mengendalikan perkhidmatan tren dan bas selaras dengan mandat yang diberikan. RapidKL telah menerima pensijilan MS ISO 9001:2008 bagi perkhidmatan tersebut daripada Sirim Qas International Sdn. Bhd. bagi tempoh bulan Disember 2011 hingga Disember 2013. Namun begitu, pihak Audit mendapati beberapa kelemahan dari aspek kewangan dan pengurusan aktiviti seperti berikut:

i. prestasi kewangan RapidKL kurang memuaskan di mana syarikat telah mengalami kerugian pada tahun 2008 dan 2010 walaupun mencatatkan keuntungan pada tahun 2009. Keuntungan yang dicatatkan pada tahun 2009 adalah disebabkan penerimaan peruntukan Kerajaan berjumlah RM112.23 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi. Setakat 31 Disember 2010, kerugian terkumpul RapidKL berjumlah RM293.82 juta;

ii. berlaku perbezaan dalam rekod kutipan tunai bagi perkhidmatan tren dan bas pada tahun 2009, 2010 dan 2011. Antara sebab berlakunya perbezaan ini ialah kelemahan pengurusan dokumen kewangan serta kawalan dalaman sistem kutipan RapidKL yang kurang memuaskan;

iii. walaupun RapidKL secara amnya telah mencapai sasaran bilangan bas sedia guna pada tahun 2009 hingga 2011, analisis Audit mendapati bagi 4 model bas, bilangan bas sedia guna hanya mencapai kurang 50% daripada keseluruhan bas sebenar pada 30 Jun 2011. Model bas yang terlibat adalah Dong Feng 120 (41.7%), Dong Feng 75 (37.3%), Iveco (46.4%) dan King Long Suzhou (47.9%). Ini antaranya disebabkan jadual penyenggaraan berkala tidak disediakan, sebaliknya penyenggaraan hanya dibuat berdasarkan keperluan dan kerosakan dari semasa ke semasa; dan

iv. bilangan bas boleh beroperasi mencapai 91.5% pada tahun 2009, 97.3% pada tahun 2010 dan 75.2% pada tahun 2011 daripada bilangan bas sedia guna. Peratus bas boleh beroperasi ini tidak mencapai 100% antaranya disebabkan pemandu yang tidak mencukupi.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas RapidKL adalah seperti berikut:

66.5.1. Prestasi Kewangan

66.5.1.1. Penyata Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi

Pada tahun 2008 dan 2010, RapidKL telah mengalami kerugian masing-masingnya berjumlah RM67.71 juta dan RM48.88 juta sungguhpun mencatat keuntungan berjumlah RM54.57 juta pada tahun 2009. Ini adalah kerana RapidKL menerima peruntukan berjumlah RM112.23 juta pada tahun 2009 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) untuk penambahbaikan sistem pengangkutan awam negara. Sehingga akhir tahun 2010, kerugian terkumpul telah meningkat kepada RM293.82 juta daripada RM244.94 juta pada akhir tahun 2009. Kedudukan prestasi kewangan RapidKL bagi tahun kewangan 2008, 2009 dan 2010 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 66.1
KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN RAPIDKL
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

BUTIRAN	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan	280.13	280.12	373.90
Kos Operasi	(321.56)	(319.60)	(346.12)
Keuntungan Kasar	**(41.43)**	**(39.48)**	**27.78**
Hasil Daripada Bon Kerajaan	-	112.23	-
Pendapatan Lain	0.11	0.16	1.08
	(41.32)	**112.39**	**1.08**
Kos Pentadbiran	(19.07)	(14.39)	(75.07)
Untung/(Rugi) Sebelum Kos Kewangan	(60.39)	58.52	(46.21)
Kos Kewangan	(7.32)	(3.95)	(2.67)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	**(67.71)**	**54.57**	**(48.88)**
Cukai	-	-	-
Untung/(Rugi) Selepas Cukai	**(67.71)**	**54.57**	**(48.88)**
Untung/(Rugi) Terkumpul	(299.51)	(244.94)	(293.82)
Bayaran Cukai	-	-	-
Bayaran Dividen	-	-	-

Maklum Balas Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Salah satu sebab utama RapidKL mengalami kerugian adalah kerana kos pekerja dan kos penyenggaraan yang sentiasa meningkat. Peningkatan tidak berlaku ke atas kadar tambang sejak RapidKL mula beroperasi pada tahun 2005. Keadaan kewangan RapidKL akan menjadi lebih sukar untuk membiayai perbelanjaan operasi seandainya pihak syarikat tidak dapat menikmati kenaikan kadar tambang bagi kedua-dua perkhidmatan tren dan bas dalam masa terdekat dan akan memerlukan bantuan berterusan daripada Prasarana atau Kerajaan.

Pada pendapat Audit kedudukan kewangan RapidKL adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerugian pada tahun 2008 dan 2010. Sehubungan itu, RapidKL perlu berusaha untuk meningkatkan pendapatan bagi mengatasi kos operasi dan pentadbiran yang semakin meningkat.

66.5.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan RapidKL, analisis nisbah semasa, margin keuntungan bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan berdasarkan butiran yang ditunjukkan pada lembaran imbangan serta penyata pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi bagi tahun kewangan 2008, 2009 dan 2010. Hasil analisis adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 66.2
ANALISIS NISBAH BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a/b)
NISBAH SEMASA	2008	86.99	139.18	0.63:1
	2009	170.43	103.84	1.64:1
	2010	153.78	88.93	1.73:1
Tahap kecairan syarikat meningkat daripada 0.63 kali pada tahun 2008 kepada 1.64 kali pada tahun 2009 dan 1.73 kali pada tahun 2010. Peningkatan nisbah kecairan ini adalah disebabkan peningkatan stok yang tinggi dari setahun ke setahun. Kedudukan stok RapidKL meningkat berbanding dengan aset semasa bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti berikut: 2008 – 61.4% aset semasa terdiri daripada stok 2009 – 56.4% aset semasa terdiri daripada stok 2010 – 72.5% aset semasa terdiri daripada stok				
MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH	**TAHUN**	**UNTUNG /(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN PELARASAN CUKAI (RM Juta) (a)**	**JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)**	**MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a/b)**
	2008	(67.71)	280.13	(0.24)
	2009	54.57	280.12	0.19
	2010	(48.88)	373.90	(0.13)
RapidKL mengalami margin kerugian bersih RM0.24 pada tahun 2008 dan RM0.13 pada tahun 2009 bagi setiap ringgit pendapatan sungguhpun menunjukkan margin keuntungan bersih RM0.19 bagi setiap ringgit pendapatan pada tahun 2009. Ini adalah kerana RapidKL menerima peruntukan daripada Kerajaan berjumlah RM112.23 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) pada tahun 2009. Seterusnya, pihak Audit juga mendapati peningkatan jumlah pendapatan yang disebabkan pengklasifikasian semula pendapatan disebabkan perubahan perjanjian *Service Level Agreement* (SLA) berbanding *Operating Agreement* (OA) sebelumnya.				
NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET	**TAHUN**	**UNTUNG/(RUGI) BERSIH SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)**	**JUMLAH ASET (RM Juta) (b)**	**NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET (%) (a/b)**
	2008	(67.71)	142.45	(47.5)
	2009	54.57	195.67	27.9
	2010	(48.88)	178.54	(27.4)
Bagi setiap ringgit aset digunakan bagi tahun 2008 dan 2010, RapidKL tidak mencatatkan pulangan hasil sebaliknya mengalami kerugian. Manakala pada tahun 2009, ianya mencatatkan pulangan hasil disebabkan RapidKL menerima peruntukan Kerajaan di bawah PRE.				
NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI	**TAHUN**	**UNTUNG/(RUGI) BERSIH SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)**	**JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)**	**NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) (a/b)**
	2008	(67.71)	(219.51)	(30.8)
	2009	54.57	(5.77)	945.8
	2010	(48.88)	(45.59)	(107.2)
Pulangan terhadap pemegang ekuiti berada pada tahap yang kurang memuaskan di mana kerugian bersih direkod bagi tahun 2008 dan 2010. Ini bermaksud tahap kecekapan mengurus modal syarikat menunjukkan peningkatan pada tahun 2009 berbanding tahun 2008, namun mengalami susutan pada tahun 2010.				

Maklum Balas Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Paras stok meningkat dalam tahun kewangan kerana semua komponen yang diperlukan untuk overhaul perlu dibeli lebih awal kerana jangka masa panjang (antara 6 hingga 12 bulan) diperlukan untuk pembuatan, fabrikasi dan penghantaran oleh pihak luar negara. Aktiviti overhaul hanya dapat dimulakan apabila semua jenis komponen yang diperlukan telah sampai. Oleh kerana

komponen dibekalkan secara berperingkat, komponen yang telah sampai disimpan di stor sehingga ianya digunakan untuk overhaul. Oleh itu paras semasa stok menjadi tinggi sebelum aktiviti overhaul dapat dijalankan.

Pada pendapat Audit, RapidKL perlu berusaha bagi memastikan syarikat tidak mengalami kerugian yang berterusan yang memberi kesan kepada pulangan ke atas pelaburan aset dan juga modal.

66.5.1.3. Aliran Tunai

a. Prestasi aliran tunai RapidKL adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 66.3
PENYATA ALIRAN TUNAI RAPIDKL BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

BUTIRAN	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Aliran Tunai (Keluar) Bersih Daripada Aktiviti Operasi	(28.99)	(45.53)	(2.46)
Aliran Tunai (Keluar) Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan	(1.84)	(24.21)	(6.99)
Aliran Tunai (Keluar)/Masuk Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan	(1.82)	72.36	(0.70)
(Kurangan)/Tambahan Bersih Tunai Dan Bersamaan Tunai	(32.65)	2.62	(10.15)
Tunai Dan Bersamaan Tunai Pada Awal Tahun Kewangan	43.73	11.08	13.70
Tunai Dan Bersamaan Tunai Pada Akhir Tahun Kewangan	11.08	13.70	3.55

b. Analisis terhadap Penyata Aliran Tunai mendapati RapidKL telah mengalami defisit aliran tunai daripada aktiviti operasi berjumlah RM28.99 juta bagi tahun 2008, RM45.53 juta bagi tahun 2009 dan RM2.46 juta bagi tahun 2010. Bagaimanapun pada tahun 2010, defisit aliran tunai daripada aktiviti operasi bertambah baik berbanding tahun sebelumnya disebabkan RapidKL telah memperoleh pendapatan berjumlah RM373.90 juta berbanding RM280.12 juta pada tahun 2009.

c. Bagi aliran tunai aktiviti pembiayaan, berlaku peningkatan ketara sejumlah RM72.36 juta pada tahun 2009 disebabkan RapidKL menerima peruntukan daripada Kerajaan di bawah PRE.

Pada pendapat Audit, RapidKL tidak menjana keuntungan operasi kerana pendapatan yang diperolehi pada tahun 2008 hingga 2010 tidak dapat menampung kos operasi.

66.5.2. Prestasi dan Pengurusan Aktiviti

66.5.2.1. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama

a. Bagi menjamin kesinambungan pengukuran produktiviti, pihak pengurusan RapidKL telah mewujudkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) mulai tahun 2009 berdasarkan kepada beberapa objektif strategik antaranya aspek kewangan, pelanggan dan proses dalaman yang masing-masingnya mengandungi beberapa kriteria penilaian.

b. Sebanyak 3 objektif strategik yang melibatkan 10 kriteria KPI telah ditetapkan sebagai pengukuran prestasi. Bagi tahun 2009, sebanyak 3 kriteria melibatkan kewangan, pelanggan perkhidmatan bas dan proses dalaman tidak mencapai KPI yang disasarkan. Bagaimanapun, sejumlah 5 kriteria yang lain telah mencapai KPI manakala baki 2 lagi tidak berkaitan. Sementara itu bagi tahun 2010, sebanyak 3 kriteria utama berkaitan dengan perkhidmatan tren dan bas berserta 2 kriteria yang lain telah mencapai sasaran KPI. Bagi tahun 2011, sebanyak 6 kriteria telah ditetapkan sebagai sasaran KPI. Bagaimanapun hanya satu kriteria yang dapat dicapai manakala 5 kriteria lagi tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Butiran pencapaian KPI untuk tahun 2009, 2010 dan 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 66.4
PENCAPAIAN SEBENAR BERBANDING SASARAN KPI PADA TAHUN 2009, 2010 DAN 2011

TAHUN/ KRITERIA	2009			2010			2011		
	S	P	CAPAI (Ya/ Tidak/TB)	S	P	CAPAI (Ya/ Tidak/TB)	S	P	CAPAI (Ya/ Tidak/TB)
KEWANGAN									
Pendapatan Operasi (RM Juta)	348.03	280.12	TIDAK	380.00	373.90	TIDAK	TB	TB	TB
EBITDA (RM Juta)	(186.49)	(49.26)	YA	(15.43)	(47.91)	TIDAK	KLJ 22.00 AMP 18.00 Bas 16.00	KLJ (12.02) AMP (1.40) Bas (106.03)	TIDAK
Bilangan Penumpang Yang Bertambah	1.4%	2.2%	YA	Tren 3.4% Bas 37%	Tren 5.0% Bas 26.0%	YA TIDAK	KLJ 212,000 AMP 188,000 Bas 360,000	KLJ 187,234 AMP 146,648 Bas 282,059	TIDAK
Nisbah *Farebox* *(Revenue against operation cost)*	0.61	1.04	YA	KLJ 1.10 AMP 1.10 Bas 0.72	KLJ 1.02 AMP 1.06 Bas 0.58	TIDAK	KLJ 1.2% AMP 1.2% Bas 0.77	KLJ 0.9% AMP 1.1% Bas 0.67	TIDAK
PELANGGAN									
% Kereta Api Sedia Untuk Perkhidmatan	100%	130.4%	YA	KLJ 108.1% AMP 112.6%	KLJ 124.5% AMP 151.5%	YA	TB	TB	TB
Perjalanan Bas Yang Dijadualkan Beroperasi	76%	70%	TIDAK	68%	79.6%	YA	TB	TB	TB
Ketepatan Perkhidmatan Tren	98.8%	99.7%	YA	KLJ 98.4% AMP 98.9%	KLJ 99.7% AMP 99.7%	YA	KLJ 99.8% AMP 99.8%	KLJ 99.7% AMP 99.6%	TIDAK
Bilangan *Rapid Pass Dijual*	TB	TB	TB	720,000	531,476	TIDAK	TB	TB	TB
PROSES DALAMAN									
Bus Return To Depot/(%)	20%	21%	TIDAK	10.0%	16.1%	TIDAK	8%	20.7%	TIDAK
Insentif Urus Niaga Tanpa Tunai	TB	TB	TB	15%	17%	YA	60%	62%	YA

Nota : ***EBITDA - Earnings Before Interest, Taxes, Depreciation And Amortization***
TM - Tiada Maklumat ***TB - Tidak Berkaitan (Tidak Diambil Sebagai Kriteria KPI Semasa)***
KLJ - Kelana Jaya ***S - Sasaran***
AMP - Ampang ***P - Pencapaian***

Pada pendapat Audit, pihak pengurusan RapidKL perlu menilai semula faktor yang menyebabkan KPI bagi setiap objektif strategiknya tidak dapat dicapai. Pelan tindakan perlu dirangka bagi meningkatkan pencapaian prestasi setiap KPI.

66.5.2.2. Pencapaian Sasaran Pendapatan Dan Perbelanjaan

Penilaian pencapaian sasaran pendapatan dan perbelanjaan merupakan proses menganalisis prestasi sebenar pada tahap tertentu berbanding dengan perancangan asal. Tujuan utama penilaian adalah untuk memperbaiki proses perancangan bagi program atau projek yang sama pada masa hadapan. Analisis terhadap sasaran dan pencapaian aktiviti RapidKL adalah seperti berikut:

a. **Perkhidmatan Tren**

Pencapaian sebenar dan sasaran pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2009, 2010 dan 2011 adalah seperti di **Jadual 66.5**. Analisis terhadap pencapaian sebenar pendapatan dan perbelanjaan perkhidmatan tren adalah seperti berikut:

JADUAL 66.5
PERBANDINGAN SASARAN DENGAN PENCAPAIAN SEBENAR
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PERKHIDMATAN TREN BAGI TAHUN 2009, 2010 DAN 2011

PENYATA KEWANGAN (TREN)	2009 (RM Juta)			2010 (RM Juta)			2011 (RM Juta)		
	S	P	CAPAI (%)	S	P	CAPAI (%)	S	P	CAPAI (%)
PENDAPATAN									
Kutipan Tambang LRT	175.94	169.65	96.4	185.61	173.60	93.5	196.14	182.21	92.9
Kutipan Sistem Bersepadu	5.52	5.07	91.8	4.44	7.03	158.3	9.56	5.92	61.9
Ruang Komersil Di Stesen-stesen	8.40	8.45	100.6	8.69	7.96	91.6	12.76	9.53	74.7
Pengiklanan Dan Lain-lain Hasil	5.40	5.38	99.6	8.47	5.41	63.9	16.30	6.34	38.9
JUMLAH	**195.26**	**188.55**	**96.6**	**207.21**	**194.00**	**93.6**	**234.76**	**204.00**	**86.9**
TOLAK: BELANJA OPERASI									
Operasi dan Penyenggaraan	69.04	38.45	55.7	36.89	28.45	77.1	63.60	60.61	95.3
Tenaga Kerja	77.78	45.61	58.6	62.43	58.75	94.1	68.30	67.14	98.3
Kuasa	34.70	31.48	90.7	36.58	39.41	107.7	38.50	47.42	123.2
Belanja Pentadbiran	12.16	2.29	18.8	4.59	6.12	133.3	5.240	7.18	137.0
JUMLAH BELANJA OPERASI	**193.68**	**117.83**	**60.8**	**140.49**	**132.73**	**94.5**	**175.64**	**182.35**	**103.8**
Tolak : Yuran Pengurusan	34.17	32.99	96.5	29.01	31.18	107.5	26.45	28.89	109.2
EBITDA	**(32.59)**	**37.73**	**115.8**	**37.71**	**30.09**	**79.8**	**32.67**	**(7.24)**	**(22.2)**

Nota : ***EBITDA - Earnings Before Interest, Taxes, Depreciation And Amortization***
S - Sasaran ***P - Pencapaian***

i. Jumlah pendapatan daripada operasi tren RapidKL bagi tahun 2009 secara keseluruhannya mencapai 96.6% daripada anggaran pendapatan. Peratus pencapaian pendapatan sebenar berbanding dengan anggaran bagi kutipan tambang, sewaan ruang komersil di stesen dan pengiklanan masing-masingnya adalah pada kadar 96.4%, 100.6% dan 99.6%. Pada tahun 2010, peratus pencapaian secara keseluruhannya adalah 93.6% di mana hanya kutipan hasil sistem bersepadu sahaja yang mencapai tahap 158.3% berbanding anggaran. Pada tahun 2011, pencapaian sebenar berbanding sasaran tidak memuaskan di mana peratus pencapaian secara keseluruhannya ialah 86.9% di mana semua jenis hasil tidak dapat mencapai anggaran yang ditetapkan.

ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati walaupun pendapatan yang diperolehi tidak dapat mencapai anggaran yang ditetapkan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, namun didapati pendapatan tambang bagi tren telah meningkat dari setahun ke setahun. Jumlah pendapatan pada tahun 2009 yang berjumlah RM188.55 juta telah meningkat kepada RM194 juta pada tahun 2009 dan seterusnya kepada RM204 juta pada tahun 2010. Ini adalah disebabkan peningkatan bilangan penumpang hasil daripada inisiatif pihak RapidKL memperkenalkan *4-car tren* bagi meningkatkan kapasiti penumpang pada tahun 2011 di samping kesedaran pengguna terhadap penggunaan perkhidmatan tren. Di samping itu, terdapat peningkatan terhadap lain-lain pendapatan iaitu *Intergrated System Colection* (ISC), penyewaan tapak dan ruang serta pengiklanan.

iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati berlaku peningkatan yang ketara bagi kos operasi dan penyenggaraan, tenaga kerja dan kuasa bagi ketiga-tiga tahun pengauditan. Bagaimanapun bagi kos operasi dan penyenggaraan tren, terdapat

penurunan pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 sejumlah RM10 juta atau 26% dan seterusnya meningkat pada tahun 2011 sejumlah RM32.16 juta atau 113.1%. Ini adalah disebabkan jadual perancangan operasi dan baik pulih tren yang berbeza bagi setiap tahun. Pada tahun 2011, peningkatan kos operasi dan penyenggaraan adalah disebabkan kos penyenggaraan dan baik pulih tren yang tinggi. Manakala pada tahun 2010, kenaikan kos tenaga kerja adalah disebabkan kenaikan bilangan pekerja dan gaji untuk eksekutif dan bukan eksekutif. Kenaikan tarif elektrik pada tahun 2010 dan 2011 juga menjadi faktor utama kenaikan kos elektrik di samping penambahan kekerapan perjalanan tren.

b. Perkhidmatan Bas

Pencapaian sebenar dan sasaran pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2009, 2010 dan 2011 adalah seperti di **Jadual 66.6**. Analisis terhadap pencapaian sebenar pendapatan dan perbelanjaan perkhidmatan bas adalah seperti berikut:

JADUAL 66.6
PERBANDINGAN SASARAN DENGAN PENCAPAIAN SEBENAR PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PERKHIDMATAN BAS BAGI TAHUN 2009, 2010 DAN 2011

PENYATA KEWANGAN (BAS)	2009 (RM Juta)			2010 (RM Juta)			2011 (RM Juta)		
	S	P	CAPAI (%)	S	P	CAPAI (%)	S	P	CAPAI (%)
PENDAPATAN									
Kutipan Tambang	111.95	114.70	102.5	202.98	168.55	83.0	215.06	142.9	66.4
Kutipan Sistem Bersepadu	3.51	3.43	97.7	4.04	5.40	133.7	8.76	4.16	47.5
Pengiklanan dan lain-lain hasil	3.60	4.08	113.3	5.24	5.96	113.7	16.07	7.22	44.9
JUMLAH	**119.06**	**122.21**	**102.6**	**212.26**	**179.91**	**84.8**	**239.89**	**154.28**	**64.3**
TOLAK: BELANJA OPERASI									
Operasi dan Penyenggaraan	56.75	48.59	85.6	48.41	56.27	116.3	46.05	61.09	132.7
Tenaga kerja	82.59	77.24	93.5	102.09	102.81	100.7	108.54	105.37	97.1
Minyak	55.43	47.15	85.1	61.52	59.74	97.1	63.99	55.17	86.2
Belanja Pentadbiran	4.84	3.24	66.9	3.73	4.57	122.5	7.60	4.27	56.2
JUMLAH BELANJA OPERASI	**199.61**	**176.22**	**88.3**	**215.75**	**223.39**	**103.5**	**226.18**	**225.90**	**99.9**
Tolak : Yuran Pengurusan	20.84	21.39	102.6	29.72	28.82	97.0	28.55	31.11	109.0
EBITDA	**(101.39)**	**(75.40)**	**(74.4)**	**(33.21)**	**(72.30)**	**(217.7)**	**(14.84)**	**(102.73)**	**(692.3)**

Nota: EBITDA - Earnings Before Interest, Taxes, Depreciation And Amortization
S - Sasaran P - Pencapaian

i. Jumlah pendapatan daripada operasi bas RapidKL bagi tahun 2009 adalah memuaskan kerana mencapai anggaran hasil di mana peratus pencapaian keseluruhan antara pendapatan sebenar berbanding dengan anggaran hasil adalah pada kadar 102.6%. Kutipan tambang bas serta pendapatan pengiklanan dan lain-lain hasil mencapai anggaran yang ditetapkan di mana peratus pencapaian masing-masing adalah 102.5% dan 113.3%. Pada tahun 2010, jumlah pendapatan keseluruhan hanya mencapai 84.8% daripada anggaran yang ditetapkan walaupun kutipan sistem bersepadu serta pendapatan pengiklanan dan lain-lain hasil mencapai anggaran iaitu masing-masingnya pada kadar 133.7% dan 113.7%. Ini kerana kutipan tambang hanya mencapai 83% berbanding anggaran. Pada tahun 2011, secara keseluruhan pendapatan dari operasi adalah lebih rendah iaitu hanya 64.3% berbanding dengan anggaran dan kesemua jenis hasil tidak mencapai anggaran.

ii. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, adalah didapati belanja operasi bas meningkat bagi ketiga-tiga kos operasi utama iaitu kos operasi dan penyenggaraan, tenaga kerja dan minyak. Ini disebabkan kekerapan bas pulang ke depoh meningkat dari setahun ke setahun akibat kerosakan, penambahan pemandu akibat pembelian bas baru pada tahun 2011 dan peningkatan harga minyak pada tahun 2010 dan 2011.

Maklum Balas Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

RapidKL menjangkakan pendapatan tren akan meningkat dengan inisiatif seperti pengkajian semula tambang kerana tambang tren tidak mengalami kenaikan sejak tahun 2002. Sebuah jawatankuasa dalaman telah ditubuhkan dan perbincangan sedang dijalankan dengan pihak SPAD. Peningkatan pendapatan dijangka dengan adanya tren 4 gerabak baru yang sedang beroperasi serta projek-projek peningkatan stesen untuk meningkatkan keselesaan penumpang di laluan Ampang dengan menambahkan fasiliti seperti kemudahan OKU, lif, eskalator, surau dan tandas. Operasi kawasan berbayar integrasi di antara laluan di stesen Hang Tuah, stesen Masjid Jamek dan stesen Titiwangsa akan menggalakkan pengguna menggunakan tren antara laluan-laluan tren yang berlainan. Projek-projek peningkatan sistem seperti sistem tiket baru yang telah beroperasi sejak bulan November 2011 dan membaik-pulih (refurbishment) tren-tren di Laluan Ampang dan Laluan Kelana Jaya untuk servis yang lebih baik. Permohonan juga telah dikemukakan kepada TNB untuk mengurangkan tarif elektrik bagi operasi pengangkutan awam rel melalui SPAD. RapidKL sedang menjalankan kerja pemasangan sistem lampu LED bagi menjimatkan penggunaan elektrik.

Bagi perkhidmatan bas pula, pada masa ini, hanya lebih kurang 10% dari laluan yang dijalankan oleh RapidKL adalah laluan yang menguntungkan. RapidKL, sebagai agensi di bawah MKD masih perlu beroperasi di laluan-laluan yang tidak menguntungkan ini (sebagai "single operator") bagi menyokong inisiatif GTP-UPT Kerajaan.


Pada pendapat Audit, inisiatif yang dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan dan menambah penumpang adalah baik, namun RapidKL hendaklah juga berusaha menurunkan kos operasinya. Selain itu, anggaran perbelanjaan di mana perlu hendaklah mengambil kira faktor semasa seperti kenaikan harga diesel dan tarif elektrik sebelum menetapkan anggaran perbelanjaan.

66.5.2.3. Pengurusan Aktiviti


a. Pengurusan Kutipan Tambang

Operasi tren terdiri daripada 2 laluan iaitu Aliran Ampang (AMG) yang mempunyai 25 stesen dan Aliran Kelana Jaya (KLJ) yang mempunyai 23 stesen. Bagi bas pula, terdapat 6 jaringan laluan perkhidmatan dengan 9 depoh. Berdasarkan kepada *Standard Operating Procedures* (SOP), wang tunai yang dipungut perlu direkodkan dan disimpan di tempat yang selamat sebelum diserahkan kepada firma keselamatan yang dilantik untuk urusan kemasukan ke bank. Proses pungutan bagi operasi tren dan bas adalah seperti di carta berikut:

CARTA 66.2
PROSES PUNGUTAN TAMBANG OPERASI TREN



CARTA 66.3
PROSES PUNGUTAN TAMBANG OPERASI BAS



i. Semakan Audit mendapati perbezaan rekod kutipan tunai bagi perkhidmatan tren dan bas untuk tahun 2009, 2010 dan 2011 seperti di jadual berikut:

JADUAL 66.7
PERBEZAAN REKOD KUTIPAN TUNAI BAGI TAHUN 2009, 2010 DAN 2011

OPERASI/ TAHUN	2009			2010			2011		
	KUTIPAN (RM Juta)			KUTIPAN (RM Juta)			KUTIPAN (RM Juta)		
	A	B	C (A - B)	D	E	F (D - E)	G	H	I (G - H)
TREN	**CMS**	**CCR**	**Beza**	**CMS**	**CCR**	**Beza**	**CMS**	**CCR**	**Beza**
Kelana Jaya **	1.05	1.05	-*	1.18	1.17	0.01	0.63	0.63	-*
Ampang ***	75.25	75.36	0.11	79.11	79.01	0.10	63.91	63.83	0.08
JUMLAH	**76.30**	**76.41**	**0.11**	**80.29**	**80.18**	**0.11**	**64.54**	**64.46**	**0.08**
Bas	**Tunai**	***Waybills***	**Beza**	**Tunai**	***Waybills***	**Beza**	**Tunai**	***Waybills***	**Beza**
	89.89	89.42	0.46	112.83	111.53	1.30	77.01	76.25	0.76
JUMLAH	**89.89**	**89.42**	**0.46**	**112.83**	**111.53**	**1.30**	**77.01**	**76.25**	**0.76**

Nota: ***CCR - Cash Collection Report Daripada Bahagian Operasi***
CMS - Cash Management System Daripada Safeguard
(*) - Perbezaan Dalam Jumlah Yang Kecil
(**) - Kutipan Adalah Jumlah Kutipan Untuk Hari Di Mana Terdapat Perbezaan Kutipan
(***) - Kutipan Adalah Jumlah Kutipan Untuk Setahun

ii. Bagi perkhidmatan tren, pihak Audit mendapati berlaku perbezaan rekod kutipan antara laporan kutipan hasil Bahagian Operasi (CCR) dan laporan deposit wang ke bank (CMS) oleh syarikat keselamatan yang dilantik. Pada tahun 2009, 2010 dan 2011, perbezaan yang dicatatkan masing-masingnya berjumlah RM112,500, RM102,939 dan RM85,548. Ini adalah disebabkan juruwang mengeluarkan tiket perjalanan tanpa merekodkan bayaran tunai dengan tepat. Kesannya tunai yang diterima oleh juruwang berbeza daripada nilai kadar sebenar perjalanan. Bagi aliran AMG, adalah didapati perbezaan jumlah kutipan adalah lebih tinggi berbanding aliran KLJ. Pemerhatian selanjutnya mendapati TVM tidak disediakan di AMG. Ini mengakibatkan urusan pembelian tertumpu di Mesin Perkhidmatan Penumpang (PSM) sahaja dan mendedahkan kepada risiko perbezaan kutipan tambang tunai. Selanjutnya, pengiraan wang di AMG dilakukan secara berkumpulan (batch) menyebabkan jika terdapat sebarang perbezaan kutipan tunai, adalah sukar bagi memastikan juruwang yang perlu dipertanggungjawabkan.


iii. Bagi perkhidmatan bas, pihak Audit mendapati jumlah kutipan tunai seperti dalam rekod kutipan tunai semasa pengiraan berbeza dengan resit bercetak (waybills) yang dijana daripada mesin BTS. Pada tahun 2009, 2010 dan 2011, perbezaan yang dicatatkan masing-masingnya berjumlah RM455,132, RM1,301,091 dan RM764,869. Perbezaan ini menunjukkan jumlah tunai yang diterima adalah lebih tinggi berbanding dengan data yang direkodkan di *waybills*. Pihak Audit mendapati RapidKL tidak membuat padanan hasil yang sepatutnya terhadap data yang diperolehi melalui sistem komputer daripada bahagian hasil di depoh. Ini mengakibatkan jumlah pendapatan sebenar bagi bas tidak tepat.

Pada pendapat Audit, kawalan dalaman sistem kutipan RapidKL adalah kurang memuaskan. Adalah disyorkan usaha penambahbaikan perlu dilakukan dengan segera terhadap sistem muat turun data; mempertingkatkan pemantauan terhadap kaunter kutipan wang dan penyesuaian data dibuat antara tiket perjalanan dengan rekod di penyata juruwang. Selain itu, RapidKL juga disarankan memasang mesin TVM di semua stesen bagi kemudahan pengguna.

66.5.2.4. Data *Automatic Fare Collection* (AFC)

a. RapidKL juga menggunakan sistem AFC dalam mengutip hasil tambang tren. Proses penghantaran data dari pembelian tiket di stesen sehingga urusan pembayaran oleh TnG adalah seperti di carta berikut:

CARTA 66.4
PROSES PENGHANTARAN DATA AFC



Nota: *TVM - Ticket Vending Machine* *SPC - Station Prosessor Computer*
PSM - Passenger Services Machine *CCS - Central Computer Server*
SCS - Station Computer Server *CCHS - Central Clearing House System*
CTS - Central Transmission System

b. Semakan Audit di Bahagian Teknologi Maklumat RapidKL mendapati data pembelian tiket menggunakan TnG bernilai RM631,000 bagi tahun 2010 dan RM2.20 juta bagi tahun 2011 tidak dapat dihantar ke CCHS untuk proses bayaran. Masalah ini berlaku di 8 stesen pada tahun 2010 dan 14 stesen pada tahun 2011. Mengikut keterangan daripada RapidKL, ini disebabkan terdapat komponen pemprosesan data di CTS yang usang dan lewat memproses data. Ini telah menyukarkan urusan tuntutan pembayaran daripada pihak TnG.

Pada pendapat Audit, RapidKL perlu membaik pulih mesin berkaitan yang rosak atau usang bagi memastikan integriti data terjamin.

Maklum Balas Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Pada bulan November 2011, pihak Prasarana dan RapidKL telah menukar sepenuhnya sistem AFC yang bersepadu dan berintegrasi untuk semua laluan rel iaitu Aliran Kelana Jaya, Aliran Ampang dan Aliran Monorel. Sistem AFC yang baru ini juga telah dipertingkatkan dengan sistem gate dan Ticket Vending Machine (TVM) yang lebih efisien dan efektif untuk kegunaan orang ramai. Dengan adanya sistem AFC baru ini, kawalan dalaman sistem kutipan RapidKL telah diperbaiki dengan lebih berkesan dan efisien. Integriti data menggunakan TnG juga dapat dipertingkatkan dengan lebih baik, cepat dan efisien bagi urusan tuntutan pembayaran dari pihak TnG.

66.5.2.5. Peningkatan Stok

a. Stok adalah terdiri daripada alat ganti tren dan bas serta hendaklah berada di tahap yang optimum bagi mengelakkan aliran tunai keluar syarikat meningkat. Stok RapidKL telah dikategorikan sebagai stok cepat, perlahan dan tidak bergerak. Stok akan dikategorikan sebagai perlahan jika tidak bergerak dalam tempoh satu hingga 3 tahun dan stok tidak bergerak jika tidak bergerak dalam tempoh 3 tahun ke atas.

b. Analisis Audit mendapati nilai stok bagi tren Kelana Jaya telah meningkat sejumlah RM33.13 juta atau 80.9% daripada baki berjumlah RM40.97 juta pada akhir tahun 2009 kepada RM74.10 juta pada akhir tahun 2011. Bagi tren Ampang, nilai stok berjumlah RM35.74 juta pada akhir tahun 2009 telah meningkat kepada RM50 juta pada akhir tahun 2011. Manakala nilai stok bas pada akhir tahun 2009 yang berjumlah RM22.14 juta juga telah meningkat kepada RM27.44 juta pada akhir tahun 2011. Nilai stok tren dan bas pada 31 Disember tahun 2009, 2010 dan 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 66.8
NILAI STOK TREN DAN BAS PADA AKHIR TAHUN 2009, 2010 DAN 2011

PERKHIDMATAN/TAHUN	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Tren Kelana Jaya	40.97	58.11	74.10
Tren Ampang	35.74	35.30	50.00
Bas	22.14	18.32	27.44
JUMLAH	**98.85**	**111.73**	**151.54**

c. Analisis Audit selanjutnya mendapati pada 3 Disember 2011, sebanyak 73% dan 88% stok dikategorikan sebagai perlahan dan tidak bergerak bagi stok KLJ dan AMG seperti ditunjukkan di jadual berikut:

JADUAL 66.9
KATEGORI STOK KLJ DAN AMG PADA 3 DISEMBER 2011

KATEGORI STOK	KUANTITI	%	JUMLAH (RM Juta)	%
KLJ				
Cepat	184	6	17.63	27
Perlahan	1,183	38	37.37	58
Tidak Bergerak	1,740	56	9.97	15
JUMLAH KLJ	**3,107**	**100**	**64.97**	**100**
AMG				
Cepat	374	6	4.99	12
Perlahan	3,109	50	30.56	72
Tidak Bergerak	2,748	44	6.87	16
JUMLAH AMG	**6,231**	**100**	**42.42**	**100**

d. Semakan Audit mendapati jadual penyenggaraan tren ada disediakan dan penyenggaraan berkala dilakukan mengikut jadual. Bagaimanapun, penyenggaraan berkos tinggi (seperti *overhaul)* dan beberapa kerja penyenggaraan tidak mengikut jadual. Perkara ini berlaku disebabkan perubahan rancangan penyenggaraan berikutan pihak RapidKL akan membuat *major refurbishment* pada tahun 2013.

Maklum Balas Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Kerja-kerja rombak rawat bagi KLJ telah digabungkan dengan program pembaikpulihan yang akan dilaksanakan pada suku keempat tahun 2012 hingga 2014. Bagi AMP pula, pada tahun 2010, terdapat penstrukturan subsistem tren dan menyebabkan pertambahan alat ganti yang didaftarkan di dalam stor.

Pada pendapat Audit, pembelian stok penyenggaraan hendaklah selari dengan jadual penyenggaraan yang dirancang bagi sesuatu tahun. Dengan mengambil kira kos yang bakal ditanggung seperti sewa stor, pertambahan jumlah staf dalam pengurusan stor, pembelian stok hendaklah dirancang agar memenuhi keperluan penyenggaraan bagi sesuatu masa.

66.5.2.6. Bilangan Bas Sedia Guna

a. Bilangan bas sedia guna disasarkan pada 68% berbanding jumlah keseluruhan bas sebenar pada sesuatu hari. Laporan *Bus Engineering Fleet Availability* (BEFA) menunjukkan pencapaian peratus keseluruhan bas sedia guna pada 31 Disember 2009, 31 Disember 2010 dan 30 Jun 2011 adalah 73.9%, 74.6% dan 67.8%. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 66.10
BAS SEDIA GUNA BERBANDING JUMLAH BAS SEBENAR MENGIKUT MODEL

MODEL BAS	31 DISEMBER 2009			31 DISEMBER 2010			30 JUN 2011		
	BIL. FLEET	BIL. SEDIA GUNA	(%)	BIL. FLEET	BIL. SEDIA GUNA	(%)	BIL. FLEET	BIL. SEDIA GUNA	(%)
Dong Feng 120	120	76	63.3	120	85	70.8	120	50	41.7
Dong Feng 50	50	39	78.0	50	36	72.0	50	32	64.0
Dong Feng 75	75	61	81.3	75	57	76.0	75	28	37.3
Iveco	97	70	72.2	97	51	52.6	97	45	46.4
Iveco Refurb (Scomi)	146	104	71.2	146	111	76.0	145	81	55.9
King Long Suzhou	48	41	85.4	48	41	85.4	48	23	47.9
King Long Xiamen	100	77	77.0	100	59	59.0	100	68	68.0
King Long Intercoach	-	-	-	-	-	-	100	91	91.0
Kosmo City	9	7	77.8	2	1	50.0	1	1	100.0
Wuxi An Yuan	42	36	85.7	48	32	66.7	48	29	60.4
Mercedes Benz	120	109	90.8	120	104	86.7	120	98	81.7
Mercedes Benz SKS	150	77	77.0	150	119	79.3	150	96	64.0
Volvo	100	84	84.0	100	92	92.0	100	96	96.0
Scania	-	-	-	-	-	-	149	135	90.6
Man	-	-	-	-	-	-	82	66	80.5
JUMLAH	**1,057**	**781**	**73.9**	**1,056**	**788**	**74.6**	**1,385**	**939**	**67.8**

b. Walaupun RapidKL telah mencapai sasaran bilangan bas sedia guna pada akhir tahun 2009 dan 2010 serta mencapai 67.8% pada 30 Jun 2011, analisis Audit mendapati bagi 4 model bas, bilangan bas sedia guna hanya mencapai kurang 50% daripada keseluruhan bas sebenar pada 30 Jun 2011. Model bas yang terlibat adalah Dong Feng 120 (41.7%), Dong Feng 75 (37.3%), Iveco (46.4%) dan King Long Suzhou (47.9%). Antara faktor yang mempengaruhi bilangan bas sedia guna

berkurangan dalam sesuatu masa adalah kerana keperluan bas untuk disenggarakan mengikut jadual, senggara kerana pembaikan dan juga pemeriksaan Puspakom. Selain itu, statistik bas *return to depot* bagi 4 model bas tersebut di atas pada akhir tahun 2009, 2010 dan 30 Jun 2011 menunjukkan kadar RTD adalah antara yang tertinggi seperti ditunjukkan dalam jadual berikut:

JADUAL 66.11
RINGKASAN BAS RETURN TO DEPOT (RTD)

JENIS BAS	KADAR RTD (%)		
	2009	2010	2011 (Setakat 30 Jun)
Dong Feng 120	35.8	29.2	57.5
Dong Feng 75	18.7	24.0	54.0
Iveco	27.8	46.4	53.6
King Long Suzhou	21.0	40.0	29.0

c. Semakan Audit mendapati tiada jadual penyenggaraan berkala disediakan. Penyenggaraan hanya dibuat berdasarkan keperluan dan kerosakan dari semasa ke semasa.

Maklum Balas Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

RapidKL telah memperuntukkan sejumlah RM72 juta pada tahun 2012 bagi tujuan penyenggaraan menyeluruh bas.

Pada pendapat Audit, RapidKL akan terdedah kepada risiko tiada bas gantian sekiranya bas yang boleh beroperasi rosak semasa beroperasi dan seterusnya menjejaskan perkhidmatan. Sehubungan itu, RapidKL hendaklah mempercepatkan kelancaran proses pembaikan dan penyenggaraan agar perkhidmatan bas sedia guna dapat dipertingkatkan.

66.5.2.7. Bas Boleh Beroperasi

a. Bagi memastikan sesebuah bas boleh beroperasi, beberapa faktor lain perlu diambil kira. Kehadiran pemandu merupakan faktor terpenting membolehkan bas beroperasi sepenuhnya. Bilangan bas boleh beroperasi berbanding bas sedia guna adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 66.12
BILANGAN BAS SEDIA GUNA BERBANDING BOLEH BEROPERASI BAS

MODEL BAS	31 DISEMBER 2009			31 DISEMBER 2010			30 JUN 2011		
	SG	O	Beza	SG	O	Beza	SG	O	Beza
Dong Feng	76	74	2	85	85	-	50	38	12
Dong Feng 50	39	36	3	36	36	-	32	28	4
Dong Feng 75	61	50	11	57	55	2	28	28	0
Iveco	70	68	2	51	50	1	45	39	6
Iveco Refurb (Scomi)	104	100	4	111	107	4	81	70	11
King Long Suzhou	41	40	1	41	39	2	23	20	3
King Long Xiamen	77	76	1	59	59	-	68	45	23
King Long Intercoach	-	-	-	-	-	-	91	89	2
Kosmo City	7	7	-	1	1	-	1	0	1
Wuxi An Yuan	36	27	9	32	32	-	29	29	0
Mercedes Benz	109	87	22	104	103	1	98	82	16
Mercedes Benz SKS	117	113	4	119	109	10	96	56	40
Volvo	84	73	11	92	91	1	96	16	80
Scania	-	-	-	-	-	-	135	101	34

MODEL BAS	31 DISEMBER 2009			31 DISEMBER 2010			30 JUN 2011		
	SG	O	Beza	SG	O	Beza	SG	O	Beza
Man	-	-	-	-	-	-	66	65	1
JUMLAH	**821**	**751**	**70**	**788**	**767**	**21**	**939**	**706**	**233**
PERATUS BAS BEROPERASI	**91.5%**			**97.3%**			**75.2%**		

Nota : (*) SG - Sedia Guna O - Beroperasi

b. Semakan Audit mendapati bilangan bas boleh beroperasi mencapai 91.5% pada tahun 2009, 97.3% pada tahun 2010 dan 75.2% pada tahun 2011 daripada bilangan bas sedia guna. Peratus bas boleh beroperasi ini tidak mencapai 100% antaranya disebabkan pemandu yang tidak mencukupi. Ini boleh memberi kesan terhadap mutu perkhidmatan bas dan penumpang akan menunggu lebih lama bagi mendapatkan perkhidmatan bas.

66.5.2.8. Pengurusan Kakitangan Perkhidmatan Bas

a. Pihak RapidKL menetapkan standard operasi bas yang baik dengan nisbah 2.2 pemandu bagi setiap bas yang disasarkan bagi mencapai tahap perkhidmatan bas yang efisien. Semakan Audit mendapati nisbah pemandu bagi setiap bas berdasarkan kiraan jumlah pemandu bas mengikut bilangan bas yang disasarkan bagi tahun 2009, 2010 dan 2011 adalah pada nisbah 2.24, 2.11 dan 1.73. Ini menunjukkan pada tahun 2010 dan 2011, jumlah pemandu belum mencapai mencapai standard operasi bas yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 66.13
JUMLAH PEMANDU BERBANDING BILANGAN BAS

TAHUN/PERKARA	2009	2010	2011
Bil.Pemandu (A)	1,750	1,880	1,748
Bil.Bas (Fleet) (B)	1,056	1,056	1,385
Bil.Bas Disasar(C)	780	893	1011
Bil.Bas Sedia Guna (D)	821	788	939
Bil.Bas Beroperasi (E)	751	767	706
NISBAH A/C	**2.24**	**2.11**	**1.73**

b. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap pengurusan pemandu di Depot Bas Cheras mendapati jumlah sebenar pemandu yang boleh menjalankan tugas pemanduan adalah rendah iaitu 60.9% (170/279) pada 1 Jun 2011. Analisis kehadiran pemandu di Depoh Bas Cheras pada 1 Jun 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 66.14
ANALISIS KEHADIRAN PEMANDU DI DEPOH BAS CHERAS PADA 1 JUN 2011

BOLEH PANDU		TIDAK BOLEH PANDU		JUMLAH PEMANDU
KEHADIRAN	BIL. PEMANDU	SEBAB	BIL. PEMANDU	
Shift Pagi	62	**Cuti Rehat**	17	
Shift Petang	42	***Off Duty****	40	
Chartered	9	***Stand By***	27	
Direct	57	**Cuti Tanpa Gaji**	6	
		Special Unit	3	
		Ponteng	8	
		Cuti Sakit	8	
JUMLAH	**170 (60.9%)**	**JUMLAH**	**109 (39.1%)**	**279 (100%)**

Nota: (*) Bilangan Telah Diambil Kira Dalam Menentukan Pengiraan Anggaran Nisbah Pemandu Dan Bilangan Bas Disasarkan

Maklum Balas Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

RapidKL telah menjalankan langkah-langkah bagi mengatasi masalah kekurangan pemandu seperti menjalankan walk in interview di setiap depot setiap hari, tempat-tempat yang menarik seperti di pasar raya membeli belah pada dua kali sebulan. Selain itu, program ini juga dirancang di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk di pinggir-pinggir bandar seperti rancangan FELDA dan penempatan perumahan rakyat.

Pada pendapat Audit, kehadiran pemandu sebagaimana yang telah dijadualkan adalah penting bagi memastikan kelancaran pergerakan perkhidmatan bas. RapidKL perlu menjalankan kajian menyeluruh untuk mengetahui sebab-sebab sebenar nisbah yang disasarkan tidak dapat dicapai dan seterusnya merangka pelan tindakan bagi mengatasinya. Di samping itu juga RapidKL perlu mengadakan latihan serta bimbingan yang berterusan bagi meningkatkan tahap disiplin serta integriti pemandu.

66.5.3. Kawalan Pengurusan/Tadbir Urus Korporat

66.5.3.1. Pemantauan KPI Bagi SLA

a. Pada 20 April 2010, pihak RapidKL telah menandatangani SLA bernilai RM5 juta sebulan dengan SPNB. Perjanjian yang dimeterai ini meliputi perkhidmatan kewangan, sumber manusia, perundangan, IT, perancangan strategik, R&D dan pemasaran, pengurusan pembekal, logistik, pembelian dan tender, fasiliti dan pengurusan, perhubungan, keselamatan dan pembangunan sumber manusia. Perkhidmatan yang dibekalkan dipecahkan mengikut keperluan sektor dan KPI telah ditetapkan sebagai kayu ukur untuk mengukur prestasi setiap perkhidmatan yang dibekalkan.

b. Semakan Audit mendapati tiada mekanisme pemantauan diwujudkan oleh syarikat di mana pencapaian KPI perjanjian tidak dilaporkan kepada Lembaga Pengarah untuk dibincang dan dinilai. Perkara ini berlaku kerana tiada pegawai yang diberi tanggungjawab bagi memantau prestasi tersebut.

Maklum Balas Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Pemantauan telah dibuat melalui Employee Satisfaction Survey pada bulan November 2011.

Pada pendapat Audit, pemantauan prestasi KPI perjanjian ini adalah amat penting bagi menilai perkhidmatan yang diberikan supaya mencapai standard yang dijanjikan di samping setimpal dengan bayaran yuran perkhidmatan. Kegagalan dalam memantau pencapaian KPI perjanjian ini boleh menjejaskan mutu perkhidmatan RapidKL sendiri. Pihak RapidKL hendaklah memantau pencapaian KPI yang dijanjikan dengan meneliti data dan laporan serta seterusnya menilai keberkesanan penyampaian perkhidmatan tersebut.

66.5.3.2. Laporan Jawatankuasa Audit

a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 berkenaan garis panduan mengenai penubuhan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan bagi syarikat Kerajaan antaranya menyatakan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan Subsidiari hendaklah ditubuhkan di mana perlu bagi mana-mana syarikat subsidiari. Selain itu, keperluan ini timbul di dalam kumpulan syarikat Kerajaan yang besar dan mengandungi banyak lapisan

korporat dan bagi syarikat subsidiari yang mempunyai pengaruh yang besar ke atas prestasi kewangan kumpulan.

b. Semakan Audit mendapati Syarikat Prasarana Negara Berhad mulai tahun 2009 telah menggabungkan Unit Audit Dalam (UAD) syarikat ke peringkat syarikat induk di mana telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan pengauditan terhadap semua anak syarikat termasuk RapidKL.

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati laporan UAD berkenaan RapidKL ada dibincangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Audit di peringkat induk. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati tiada Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan bagi tahun 2010 dan 2011 bagi membincangkan laporan berkenaan.

Maklum Balas Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

Pada bulan Januari 2012 Mesyuarat Lembaga Pengarah RapidKL telah dijalankan di mana segala urusan korporat dan pentadbiran RapidKL telah dibentangkan dan dibincangkan. RapidKL juga telah melantik seorang Pengerusi yang terdiri dari salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Prasarana (syarikat induk) untuk menerajui Lembaga Pengarah berkenaan tadbir urus korporat RapidKL dengan lebih berkesan. Mesyuarat Lembaga Pengarah RapidKL ini juga akan diadakan pada setiap penggal selari dengan terma rujukan Ahli Lembaga Pengarah.

Pada pendapat Audit, bagi menjamin integriti dan penambahbaikan dalam operasi syarikat yang mempunyai pengaruh besar terhadap kewangan kumpulan, laporan UAD syarikat induk khususnya berkenaan tadbir urus korporat RapidKL hendaklah dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah.

66.5.3.3. Pesanan Pembelian Dan Nota Terimaan Barang

a. Semakan Audit mendapati sejumlah RM4.88 juta pembayaran pelbagai peralatan/alat ganti bas masih tertangguh setakat 31 Disember 2011. Butirannya mengikut depoh adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 66.15
PEMBAYARAN MASIH TERTANGGUH PADA 31 DISEMBER 2011

NAMA DEPOH	JUMLAH (RM)
Stor Utama Operasi Bus – Batu Caves	3,073,607
Sentul	71,317
Melawati	335,534
Selayang	232,900
Kepong	140,060
Cheras	11,678
Pandan	502,273
Cyberjaya	6,294
Shah Alam	376,079
Asia Jaya	11,080
Jalan Kelang Lama	121,102
JUMLAH	**4,881,924**

b. Antara punca yang dikenal pasti adalah data pesanan pembelian lewat dikunci masuk ke dalam sistem kerana kelulusan pengeluaran pesanan pembelian diperolehi secara manual. Di samping itu juga terdapat keadaan di mana pegawai yang bertanggungjawab bagi menerima barang, lewat mengeluarkan nota terimaan barang. Apabila kelewatan ini berlaku, proses pembayaran kepada pembekal

terjejas disebabkan proses pemadanan di antara pesanan pembelian, nota terimaan barang dan invois tidak dapat dilakukan.

Maklum Balas Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 15 Jun 2012

RapidKL sedang mengusahakan Standard of Rate untuk aktiviti perolehan melibatkan perkhidmatan seperti mendapatkan sebut harga bagi kerja-kerja servis bas agar proses perolehan dapat dipercepatkan.

Pada pendapat Audit, pematuhan kepada peraturan pembayaran melalui *Standard Operating Procedure* boleh mengelakkan daripada berlakunya perkara seperti kelewatan pembayaran.

66.6. SYOR AUDIT

Objektif penubuhan RapidKL untuk memberi kemudahan sistem pengangkutan awam secara bersepadu dengan mengutamakan kepuasan pelanggan tidak mungkin dapat dicapai sekiranya kelemahan khususnya berhubung pengurusan aktiviti tidak diperbetulkan dengan segera. Sehubungan itu, adalah disyorkan pihak yang bertanggungjawab mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

66.6.1. Lembaga Pengarah RapidKL perlu bermesyuarat bagi memastikan pencapaian syarikat dikaji dari semasa ke semasa dan memantau secara berterusan pengurusan operasi dan kewangan agar objektif syarikat tercapai, di samping meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam.

66.6.2. RapidKL hendaklah memastikan kualiti pengangkutan awam dipertingkatkan terutamanya kemudahan bas. Untuk memastikan perkhidmatan bas yang berkualiti faktor keperluan bas dan pemandu hendaklah dipertingkatkan. Bas yang hendak digunakan hendaklah dalam keadaan sentiasa bersedia apabila khidmat diperlukan. Manakala, isu kerosakan bas dan kadar pulang ke depoh hendaklah dikurangkan.

66.6.3. Jadual pemandu hendaklah disusun supaya tidak berlaku kekurangan pemandu yang bertugas di mana ia mengganggu kelancaran perkhidmatan bas. Pengurusan masa dan laluan hendaklah diberi keutamaan agar *coverage* dapat dipertingkatkan.

66.6.4. Jaringan *inter connection* yang baik di antara bas ke stesen seterusnya ke tren hendaklah dipertingkatkan agar sistem pengangkutan awam dapat memberi perkhidmatan yang terbaik. Sebagai perkhidmatan utama, tren hendaklah disokong oleh perkhidmatan bas bagi laluan yang tidak dapat dicapai. Manakala perkhidmatan bas itu sendiri hendaklah efisien agar dapat menyokong industri sistem pengangkutan awam yang lain. Kesinambungan ini amat penting di dalam pengangkutan awam supaya seluruh sistem pengangkutan awam tidak pincang.

66.6.5. SPNB sebagai syarikat yang menguruskan kewangan, pentadbiran, sumber manusia, perolehan dan penyenggaraan sistem bagi RapidKL perlu memantau dengan lebih rapi pengurusan operasi dan kewangan syarikat ini untuk memastikan kelemahan yang berlaku tidak berulang dan sebarang masalah dapat ditangani dengan lebih awal.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 544-553
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

67. PENGURUSAN UDA HOLDINGS BERHAD

67.1. LATAR BELAKANG


67.1.1. Pada 1 September 1996, UDA telah ditukar status kepada sebuah badan korporat dan dikenali sebagai UDA Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) sebelum pengurusannya diswastakan secara *management buyout* kepada Landas Utama Sdn. Bhd. (LUSB). Seterusnya pada 18 November 1999, UHSB telah disenaraikan di Bursa Malaysia sebagai UDA Holdings Berhad (UHB) dan pada 4 April 2003, Malaysian Resources Corporation Bhd. (MRCB) telah mengambil alih saham dan pengurusan UHB daripada LUSB. Pada 14 Oktober 2004 pula, pegangan saham Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dalam UHB telah dijual kepada Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah).

67.1.2. Selaras dengan keputusan Kerajaan supaya UHB ditubuhkan semula yang diumumkan dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), UHB secara rasmi dikeluarkan dari bursa saham pada 31 Mei 2007. Berikutan itu, pada 17 Januari 2008, Kementerian Kewangan (MOF) bersetuju supaya MKD mengambil alih keseluruhan saham UHB berjumlah 176,577,186 unit saham biasa pada nilai RM3.00 sesaham daripada Khazanah dengan nilai keseluruhan RM529.73 juta. Jumlah modal berbayar adalah RM216.58 juta manakala jumlah modal dibenarkan adalah RM1 billion.

67.1.3. Objektif syarikat setelah dikeluarkan dari Bursa Saham adalah untuk menjayakan agenda Bumiputera seiring dengan aspirasi Kerajaan dengan memainkan peranan penting dalam sektor pembangunan bandar. Aktiviti utama UHB adalah dalam bidang pembangunan hartanah, pelaburan hartanah dan pegangan pelaburan.

67.1.4. Komposisi Lembaga Pengarah UHB pada bulan Julai 2011 terdiri daripada 8 orang Ahli Lembaga Pengarah, di mana 2 daripada mereka merupakan wakil Kerajaan iaitu daripada Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Pengurusan UHB diketuai oleh Pengarah Urusan dan dibantu oleh 1,388 kakitangan eksekutif dan bukan eksekutif. Struktur organisasi pengurusan UHB pada bulan Julai 2011 adalah seperti di carta berikut:

CARTA 67.1
STRUKTUR ORGANISASI UHB
KEDUDUKAN PADA BULAN JULAI 2011



Sumber: ***Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, UHB***

67.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

67.2.1. prestasi kewangan UHB adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut;

67.2.2. pengurusan aktiviti UHB telah dilaksanakan dengan teratur, berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan;

67.2.3. pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat UHB adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan; dan

67.2.4. pengurusan syarikat subsidiari telah dipantau oleh syarikat induk selaras dengan objektif yang ditetapkan.

67.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek pengurusan, kewangan dan aktiviti yang dilaksanakan oleh syarikat serta menjalankan analisis terhadap penyata kewangan syarikat. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh 3 tahun dari tahun 2008 sehingga 2010 telah dibuat di Ibu Pejabat UHB, pejabat subsidiari iaitu UDA Land North Sdn. Bhd. dan Kementerian Kewangan.

67.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan mengadakan perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab. Pemeriksaan fizikal terhadap aset di Rumah Percutian Melaka dan Port Dickson telah dijalankan. Selain itu, lawatan tapak terhadap beberapa projek pembinaan yang telah siap dan sedang dibina telah dijalankan seperti projek Gaya Bangsar di Bangsar; Sinaran TTDI di Taman Tun Dr. Ismail; Projek JSI di Jalan Sultan Ismail; projek Program Kedai Desa di Pekan, Pahang; Pulau Jerejak, Pulau Pinang dan projek dalam pembinaan dan telah siap oleh UDA Land North Sdn. Bhd.

67.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan UHB adalah memuaskan. Ini adalah kerana UHB mencatat peningkatan keuntungan sejumlah RM2.03 juta pada tahun 2010 iaitu RM30.84 juta berbanding tahun 2008 iaitu RM28.81 juta sungguhpun mengalami sedikit kerugian pada tahun 2009 iaitu sejumlah RM6.47 juta. Pelupusan subsidiari dalam tahun 2008 dan penjualan tanah serta bangunan pada tahun 2010 telah menyumbang kepada peningkatan dalam perolehan. Sementara itu, hasil penjualan tanah dan bangunan pada tahun 2009 tidak menunjukkan peningkatan yang ketara seperti tahun 2010. Secara keseluruhannya prestasi aktiviti UHB adalah memuaskan kerana pencapaian tahunan semakin meningkat iaitu sebanyak 77% pada tahun 2009 kepada 88% pada tahun 2010 dan terus meningkat 100% pada tahun 2011. Bagaimanapun, prestasi pengurusan aktiviti Bahagian UDA Urban adalah kurang memuaskan. Di antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

i. perancangan dan pelaksanaan kediaman adalah tidak teratur iaitu kediaman gagal diserahkan dalam tempoh masa yang ditetapkan;

ii. pengurusan kewangan dan urus tadbir korporat juga adalah kurang memuaskan di mana berlaku kelemahan dalam kawalan pengurusan perbelanjaan iaitu penggunaan kad kredit dan pembayaran dividen serta kelemahan dalam pengurusan aset di mana daftar aset tidak kemas kini, aset tidak dapat dikesan dan aset tidak didaftarkan dengan nombor pendaftaran; dan

iii. bagi prestasi aktiviti Bahagian UDA Land, UDA Mall dan UDA Leisure adalah memuaskan kerana ia menyumbang kepada pendapatan UHB.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas UDA Holdings Berhad adalah seperti di perenggan berikut:

67.5.1. Prestasi Kewangan

67.5.1.1. Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi

a. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, prestasi kewangan syarikat adalah baik di mana ia mencatat keuntungan bersih bagi tahun 2008 sejumlah RM28.81 juta dan 2010 sejumlah RM30.84 juta. Bagaimanapun, pada tahun 2009, UHB mengalami kerugian berjumlah RM6.47 juta berbanding keuntungan tahun 2008 disebabkan pelupusan subsidiari *PQSB Group.* Kerugian pada tahun 2009 adalah disebabkan oleh penurunan untung kasar sejumlah RM14.26 juta kepada RM98.34 juta (12.7%) berbanding pada tahun 2008 yang mencatatkan keuntungan kasar berjumlah RM112.60 juta. Pengurangan ini secara amnya disebabkan oleh peningkatan dalam kos pembangunan projek yang banyak dipengaruhi oleh sentimen pasaran dan ekonomi di bawah Bahagian UDA Urban. Kerugian juga turut didorong oleh penurunan lain-lain pendapatan sejumlah RM35.60 juta (80.4%) berbanding tahun 2008. Keadaan ini disebabkan oleh perolehan faedah yang rendah dari deposit tetap. Faktor lain yang mendorong kerugian adalah penyusutan dalam sumbangan keuntungan daripada syarikat bersekutu sejumlah RM6.33 juta (39%).


b. Peningkatan untung bersih pada tahun 2010 sejumlah RM37.31 juta (576.7%) kepada RM30.84 juta berbanding tahun 2009 adalah disebabkan oleh peningkatan dalam pendapatan yang disumbangkan oleh Bahagian UDA Urban berjumlah RM14.86 juta (9%). Ia diikuti oleh pendapatan Bahagian UDA Land berjumlah RM55.28 juta (29%) di mana kebanyakan projek telah mencapai tahap hampir siap pada tahun 2010 menyebabkan pengiktirafan dan pengukuran terhadap hasil mencapai peratusan yang lebih tinggi. Selain daripada pengurangan kos kewangan dan lain-lain perbelanjaan operasi, lain-lain pendapatan seperti faedah deposit tetap dan pendapatan dari pelupusan hartanah serta aset turut menyumbang kepada keuntungan syarikat. Adalah didapati UHB tidak membayar dividen kepada MKD bagi tahun 2008 dan 2010 sungguhpun mencatat keuntungan pada tahun tersebut. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi syarikat bagi tahun kewangan 2008, 2009 dan 2010 adalah seperti di jadual dan carta berikut:


JADUAL 67.1
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI KUMPULAN UHB
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

BUTIRAN	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan	313.27	319.20	488.58
Kos Jualan	(200.67)	(220.86)	(364.18)
Untung Kasar	**112.60**	**98.34**	**124.40**
Lain-lain Pendapatan	44.22	8.67	13.69
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	(69.94)	(64.43)	(75.50)
Perbelanjaan Jualan Dan Pemasaran	(5.84)	(3.27)	(4.23)
Lain-lain Perbelanjaan Operasi	(17.78)	(17.61)	(17.36)
Untung Operasi	**63.26**	**21.70**	**41.00**
Kos Kewangan	(33.18)	(27.18)	(26.64)
Perkongsian Saham Selepas Cukai Dengan Syarikat Bersekutu	16.11	9.78	23.36
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	**46.19**	**4.30**	**37.72**
Pelarasan Cukai	(17.38)	(10.77)	(6.88)
Untung/(Rugi) Bersih Semasa	**28.81**	**(6.47)**	**30.84**
Dividen	*	*	*

Nota: ***(*) Dividen Tidak Dibayar Kepada MKD***

CARTA 67.2
TREND PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KEUNTUNGAN KUMPULAN UHB BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010





67.5.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menentukan prestasi kewangan UHB, analisis nisbah semasa; margin keuntungan; nisbah pulangan ke atas aset serta nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2008, 2009 dan 2010. Hasil analisis adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 67.2
ANALISIS NISBAH KUMPULAN UHB BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010

NISBAH	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a/b)
NISBAH SEMASA	2008	907.82	360.26	2.52:1
	2009	862.74	343.56	2.51:1
	2010	876.71	403.97	2.17:1
	Tahap kecairan UHB pada tahun 2008 adalah 2.52 kali dan ia menurun pada tahun 2009 dan pada tahun 2010 kepada 2.51 kali dan 2.17 kali. Ini bermakna aset semasa yang dimilikinya boleh menampung antara 2.17 hingga 2.52 kali ganda liabiliti semasanya. Tahap kecairannya yang menurun disebabkan pengurangan tunai dan pengurangan deposit jangka pendek pada 2010 berbanding tahun 2009 dan 2008. Bagaimanapun, UHB masih mempunyai keupayaan untuk menampung tanggungan semasanya.			

NISBAH	TAHUN	UNTUNG /(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN PELARASAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a/b)
MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH	2008	28.81	313.27	0.09
	2009	(6.47)	319.20	(0.02)
	2010	30.84	488.58	0.06
	Bagi setiap ringgit hasil yang dipungut, UHB mencatat peningkatan berjumlah 9 sen pada tahun 2008 dan 6 sen pada 2010. Manakala pada tahun 2009 setiap ringgit pendapatan, mencatat kerugian 2 sen. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan UHB di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat.			

NISBAH	TAHUN	UNTUNG/RUGI BERSIH SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET (%) (a/b)
NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET	2008	28.81	1,711.63	1.68
	2009	(6.47)	1,702.38	(0.38)
	2010	30.84	1,798.85	1.71
	Tahap kecekapan UHB untuk menguruskan asetnya pada tahun 2009 adalah lemah. Sungguhpun begitu catatan nisbah pada tahun 2010 adalah lebih baik berbanding tahun 2009. Kerugian pada tahun 2009 memberi kesan kepada nisbah pulangan ke atas aset namun kembali meningkat apabila mencatat keuntungan yang tinggi pada tahun 2010 berbanding dengan tahun 2009 dan 2008.			

NISBAH	TAHUN	UNTUNG/RUGI BERSIH SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) (a/b)
NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI	2008	28.81	749.70	3.84
	2009	(6.47)	753.23	(0.86)
	2010	30.84	799.07	3.86
	Tahap kecekapan untuk menguruskan modal UHB semakin menurun pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 dan kembali meningkat pada tahun 2010. Peningkatan pada tahun 2010 disebabkan berlaku keuntungan yang ketara berbanding dengan tahun 2008 dan kerugian pada tahun 2009.			

67.5.1.3. Penyata Aliran Tunai

Analisis Audit terhadap aliran tunai UHB mendapati Kumpulan UHB telah mengalami defisit aliran tunai daripada aktiviti pengoperasian pada tahun 2010 berjumlah RM62.86 juta dan RM62.44 juta pada tahun 2009. Keadaan ini menunjukkan bahawa UHB tidak mampu menjana tunai daripada aktiviti operasinya. Ini secara tidak langsung menyebabkan UHB perlu menggunakan rizab sedia ada bagi menanggung operasi hariannya. UHB juga telah menggunakan sejumlah RM61.43 juta untuk aktiviti pelaburan pada tahun kewangan 2010. Manakala penggunaan dana bagi aktiviti operasi dan pelaburan telah ditampung melalui dana daripada aktiviti pembiayaan iaitu daripada hasil terbitan saham, geran Kerajaan yang diperuntukkan projek serta terimaan dari kemudahan *Bai'Inah Revolving Credit*. Pada akhir tahun kewangan 2010, UHB mempunyai tunai dan persamaan tunai berjumlah RM193.94 juta terdiri daripada deposit jangka pendek berjumlah RM90.91 juta serta tunai di tangan dan di bank berjumlah RM103.03 juta. **Memandangkan syarikat tidak mampu menjana tunai yang mencukupi dari aktiviti operasinya, syarikat perlu mengawal aktiviti pelaburan seperti pembelian hartanah, loji dan peralatan berdasarkan kepada keperluan. Sebaliknya, pihak syarikat perlu memberi tumpuan utama kepada pembangunan hartanah yang dapat memberi pulangan terbaik.** Kedudukan penyata aliran tunai Kumpulan UHB bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 67.3
RINGKASAN PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TEMPOH TAHUN 2008, 2009 DAN 2010

BUTIRAN	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pengoperasian			
Untung Sebelum Cukai	46.19	4.30	37.72
Pelarasan	(5.13)	37.37	21.93
Peningkatan Modal Kerja	58.90	5.97	6.18
Pengurangan Modal Kerja	(44.46)	(110.08)	(128.69)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pengoperasian	**55.50**	**(62.44)**	**(62.86)**
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan			
Aliran Masuk Tunai	188.43	18.64	31.13
Aliran Keluar Tunai	(8.22)	(64.21)	(92.56)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	**180.21**	**(45.57)**	**(61.43)**
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan			
Aliran Masuk Tunai	-	10.00	65.00
Aliran Keluar Tunai	(201.11)	(1.33)	(1.36)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	**(201.11)**	**8.67**	**63.64**
Penambahan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai Dan Persamaan Tunai	**34.60**	**(99.34)**	**(60.65)**
Tunai Dan Persamaan Tunai Awal Tahun	**319.33**	**353.93**	**254.59**
Tunai Dan Persamaan Tunai Akhir Tahun	**353.93**	**254.59**	**193.94**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan UHB bagi tempoh tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah baik dengan mengambil kira tujuan penubuhan syarikat sebagai pembangunan hartanah yang memberi perhatian pembabitan bumiputera dalam bidang binaan dan pengurusan hartanah.

67.5.2. Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti

Struktur organisasi UHB menunjukkan terdapat 4 bahagian yang bertanggungjawab bagi melaksanakan aktiviti utama UHB seperti di jadual berikut:

JADUAL 67.4
BAHAGIAN DAN AKTIVITI UTAMA UHB

BAHAGIAN	AKTIVITI
UDA Urban	Memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek pembangunan hartanah UHB di bandar utama seperti Kuala Lumpur, Melaka dan Pekan, Pahang.
UDA Land	Memberi tumpuan kepada aktiviti pembangunan serta penjualan produk sedia ada bagi projek di seluruh Malaysia. Ia berperanan menjalankan pembangunan bandar baru dan projek pembangunan bersepadu di atas tanah milik UHB. Seksyen Pembangunan Premis Desa - membina 300 unit kedai desa dalam Program Kedai Desa di bawah RMKe-10.
UDA Mall	Bertanggungjawab terhadap segmen Pengurusan Harta yang menguruskan ruang perniagaan dan pejabat milik UHB.
UDA Leisure	Bertanggungjawab dalam pengurusan rangkaian Ancasa Hotels & Resorts, perniagaan kafe berjenama First Cup serta pusat rekreasi *bowling* dan golf.

67.5.2.1. Bahagian UDA Urban

a. Bahagian UDA Urban memberikan sumbangan kedua terbesar kepada pendapatan kumpulan syarikat iaitu sebanyak 32.4% bagi tahun kewangan 2010. Pada tahun 2010, pembangunan hartanah mencatat peningkatan perolehan 409.3% kepada RM158.4 juta berbanding RM31.1 juta pada tahun sebelumnya. Antara projeknya adalah pembinaan projek pangsapuri perkhidmatan Sinaran Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) dan Gaya Bangsar dengan kedua-dua kos projek bernilai melebihi RM100 juta dan satu projek kedai pejabat 5 tingkat di Jalan Pantai, Kuala Lumpur. Dari segi penjualan, hampir semua projek ini telah mencatatkan penjualan 100%. Mengikut rekod, perancangan hartanah seperti pembinaan pangsapuri di Jalan Sultan Ismail dan projek di tapak penjara Pudu telah bermula semenjak tahun 2004 lagi dengan pelantikan pasukan juru perunding untuk setiap projek tetapi lewat dilaksanakan disebabkan UHB menghadapi kekangan kewangan. Prestasi projek UDA Urban adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 67.5
PRESTASI AKTIVITI BAHAGIAN UDA URBAN SETAKAT 31 DISEMBER 2011

PROJEK/JENIS	JADUAL (%)	SEBENAR (%)	BIL. UNIT					
			DIBINA	KOS (RM Juta)	DIJUAL	KOS (RM Juta)	JUALAN (%)	UNTUNG/ (RUGI) (RM Juta) (%)
Sinaran Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) - Pangsapuri	100	100	294	158.38	294	157.85	100	(0.53) (0.3%)
Gaya Bangsar - Pangsapuri	100	99	285	118.22	285	160.22	100	42.00 35.5%
Business Centre – Jalan Pantai - Kedai Pejabat	100	86	26	25.57	25 1 unit - sewa	69.83	96	44.26 173.1%
Taman Tun Dr. Ismail – Rumah Kedai 2 Blok	100	100	6 Blok	10.00	6 Blok	47.50	100	37.50 375.0%
Anggun, Jalan Sultan Ismail * – Pangsapuri Fasa 1 – *Botique Retail* Fasa 2 – Podium Fasa 3 – Menara Pejabat Fasa 4	-	-	-	-	-	-	-	-

PROJEK/JENIS	JADUAL (%)	SEBENAR (%)	BIL. UNIT					
			DIBINA	KOS (RM Juta)	DIJUAL	KOS (RM Juta)	JUALAN (%)	UNTUNG/ (RUGI) (RM Juta) (%)
Bukit Bintang *City Centre* (BBCC) ** – Pembangunan Bercampur Termasuk Hab Pengangkutan	-	-	-	-	-	-	-	-
Melaka *Street Mall* *** –Kedai/*Retail* - 3 Tingkat –Pangsapuri 2 Blok 20 Tingkat	-	-	-	400.00	-	-	-	-
Pekan UDA *Resort* Hotel – *Resort H*otel 7 Tingkat Bertaraf 4 Bintang	9.7	9	TB	60.14	TB	80.00	TB	TB
Arked UDA Kota Bharu **** – Pangsapuri Perkhidmatan 17 Tingkat 227 Unit	-	-	-	40.00	-	70.00	-	-

Nota: ***(*) - Mula Tahun 2009, Projek Ini Ditangguhkan Kerana Isu Penjualan Tanah***
(**) - Belum Dilaksanakan. Pelantikan Kontraktor Everbright International Engineering Corporation Ditolak Oleh Kementerian Kewangan
(***) - Kajian Semula Kerana Pengambilan Sebahagian Daripada Tanah Oleh Kerajaan Negeri Melaka
(****) - Projek Ini Ditangguhkan Walaupun Telah Mendapat Arahan Pembangunan (D.O) Pada 20 April 2005
TB - Tidak Berkenaan

b. Semakan Audit terhadap pengurusan projek hartanah yang dibangunkan oleh Bahagian UDA Urban pada umumnya, pengurusannya adalah kurang memuaskan dan terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian oleh UHB antaranya adalah seperti berikut:

i. Projek Sinaran Taman Tun Dr. Ismail Dan Gaya Bangsar

Mengikut Perjanjian Jual Beli (S&P), klausa 25 (1), yang dimeterai antara UHB dengan pembeli menyatakan bahawa kediaman perlu disiapkan dalam tempoh 36 bulan. Jika UHB gagal melaksanakan tanggungjawabnya, penalti denda lewat serah (DLS) akan dikenakan 10% setahun daripada harga jualan dikira berdasarkan kepada jumlah hari yang lewat. Semakan Audit mendapati kedua-dua projek pembinaan pangsapuri perkhidmatan di Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) dan di Bangsar lewat diserahkan kepada pembeli. Tempoh kelewatan penyerahan bagi projek Sinaran TTDI adalah 18 hingga 691 hari yang melibatkan denda lewat serah sejumlah RM15.30 juta kepada 240 pembeli. Antara punca kelewatan adalah berlaku kelewatan dalam melantik kontraktor superstruktur selepas binaan substruktur siap. Ini disebabkan proses pelawaan tender superstruktur yang dibuat berulang kali apabila tidak mendapat persetujuan Lembaga Pengarah. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 67.6
KELEWATAN MELANTIK KONTRAKTOR UNTUK MENJALANKAN KERJA SUPERSTRUKTUR BAGI PROJEK PANGSAPURI PERKHIDMATAN SINARAN TAMAN TUN DR. ISMAIL

PERIHAL PROJEK	TARIKH SIAP PEMBINAAN SUBSTRUKTUR (CPC)	TARIKH KEPUTUSAN LEMBAGA PENGARAH UNTUK MELANTIK KONTRAKTOR SUPERSTRUKTUR	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	TEMPOH KELEWATAN PELANTIKAN KONTRAKTOR (Hari)
Pangsapuri Perkhidmatan TTDI	12.03.2008	17.03.2009	26.03.2009	370
Gaya Bangsar	24.03.2008	12.02.2009	24.02.2009	325

Sumber: ***Bahagian UDA Urban Dan Bahagian Kewangan UHB***
Nota: ***Tarikh Vacant Possession: 14 Julai 2011***

Maklum Balas UDA Holdings Berhad Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Perkara ini berlaku kerana kelewatan pihak pengurusan pada ketika itu membuat keputusan pelantikan kontraktor pengganti.

Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah perlu memastikan pengurusan UHB mematuhi proses dan prosedur tender yang telah ditetapkan bagi mengelakkan perkara yang sama daripada berlaku lagi.

ii. Projek Anggun Di Jalan Sultan Ismail

Perancangan projek ini di atas tanah seluas 4.49 ekar yang meliputi 4 fasa bermula pada tahun 2009. Antara pembinaan ialah pangsapuri, pemborong busana, podium 3 tingkat dan 2 menara pejabat. Pelan bangunan projek ini telah diluluskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk pembinaan pangsapuri pada bulan Mac 2009 bagi tempoh 24 bulan. Substruktur pangsapuri ini telah siap dibina pada 16 Mac 2011 dengan kos RM14 juta seperti di gambar berikut:

GAMBAR 67.1



Jalan Sultan Ismail
- Substruktur Pembinaan Pangsapuri
(19.09.2011)

GAMBAR 67.2



Jalan Sultan Ismail
- Substruktur Pembinaan Pangsapuri
(19.09.2011)

Berdasarkan kepada kertas cadangan yang diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 28 April 2011, projek tersebut dihentikan kerana berlaku penjualan tanah di tapak projek ini. Semakan Audit mendapati tanah dijual pada harga RM215.50 juta adalah bertujuan untuk memantapkan lagi kedudukan kewangan UHB. Bagaimanapun penjualan tanah tersebut tidak mendapat persetujuan daripada Kementerian Kewangan dan deposit yang diterima sejumlah RM21 juta itu dikembalikan kepada pihak yang telah bersetuju untuk membeli. Oleh kerana tiada perancangan sumber kewangan yang teliti bagi membiayai projek tersebut menyebabkan berlaku pembaziran masa, tenaga dan kewangan; jangkaan pendapatan yang disasarkan tidak tercapai dan matlamat asal pembangunan projek juga belum tercapai.

Maklum Balas UDA Holdings Berhad Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Fasa 1 dengan anggaran modal berjumlah RM20 juta sekarang diteruskan seperti proses re-submission Development Order dan Pelan Pembangunan (2nd Quarter 2012); proses penyiapan tender untuk pembinaan superstruktur (3rd Quarter 2012); pelantikan kontraktor (4th Quarter 2012); pembinaan (27 bulan); penambahbaikan unit contoh (3rd Quarter 2012) dan pelancaran jualan (4th Quarter 2012).

Pada pendapat Audit, perancangan yang disediakan oleh UHB perlu mengambil kira keupayaan atau mekanisme lain untuk mendapatkan sumber kewangan yang ada bagi mencapai matlamat asal pembangunan projek.

67.5.2.2. Bahagian UDA Land

a. Aktiviti Bahagian UDA Land banyak dilaksanakan melalui subsidiari UHB iaitu UDA Land (Central) Sdn. Bhd., UDA Land (South) Sdn. Bhd., UDA Land (East) Sdn. Bhd. dan UDA Land (North) Sdn. Bhd. Bahagian ini diketuai oleh Pengurus Besar Kanan (Senior General Manager), Gred 4. Di bawah bahagian ini terdapat 3 Jabatan dan 1 Seksyen iaitu Jabatan Projek, Jabatan Pemasaran, Jabatan Pembangunan Perniagaan dan Seksyen Pembangunan Premis Desa. Bahagian ini memberikan sumbangan terbesar kepada pendapatan kumpulan syarikat iaitu 38.5% bagi tahun kewangan 2010. Pada tahun 2010, pembangunan hartanah mencatat peningkatan perolehan 30% kepada RM188.20 juta berbanding RM144.20 juta bagi tahun sebelumnya.

b. Setakat bulan Disember 2011, UHB mempunyai Bank Tanah sebanyak 2,579.13 ekar di mana 1,659.77 ekar (64.4%) merupakan kawasan yang telah dibangunkan dan baki tanah yang masih tinggal untuk pembangunan adalah 919.36 ekar (35.7%). Pecahannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 67.7
STATUS TANAH SETAKAT BULAN DISEMBER 2011

ANAK SYARIKAT	BANK TANAH (Ekar)	KAWASAN YANG TELAH DIBANGUNKAN (Ekar)	KAWASAN YANG TELAH DIBANGUNKAN (%)	BAKI TANAH UNTUK PEMBANGUNAN	
				(Ekar)	(%)
UDA Land (South) Sdn. Bhd.	1,051.40	639.19	60.8	412.21	39.2
UDA Land (Central) Sdn. Bhd.	743.00	576.08	77.5	166.92	22.5
UDA Land (North) Sdn. Bhd.	482.31	268.12	55.6	214.19	44.4
UDA Land (East) Sdn. Bhd.	302.42	176.38	58.3	126.04	41.7
JUMLAH	**2,579.13**	**1,659.77**	**64.4**	**919.36**	**35.7**

c. Daripada 1,659.77 ekar kawasan yang dibangunkan, UHB telah dapat membina 18,415 unit kediaman dan 1,118 unit ruang niaga setakat bulan Disember 2011. Bagi unit kediaman, 18,231 unit (99%) telah dijual manakala bagi ruang niaga pula 1,000 unit (89.5%) telah dijual. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 67.8
PRODUK UHB SETAKAT BULAN DISEMBER 2011

ANAK SYARIKAT	KEDIAMAN				RUANG NIAGA			
	DIBINA (Unit)	DIJUAL (Unit)	TIDAK DIJUAL (Unit)	PERATUS DIJUAL (%)	DIBINA (Unit)	DIJUAL (Unit)	TIDAK DIJUAL (Unit)	PERATUS DIJUAL (%)
UDA Land (South) Sdn. Bhd.	6,901	6,901	0	100.0	497	477	20	96.0
UDA Land (Central) Sdn. Bhd. *	3,935	3,926	9	99.8	195	195	0	100.0
UDA Land (North) Sdn. Bhd.	4,899	4,815	84	98.3	386	289	97	74.8
UDA Land (East) Sdn. Bhd.	2,680	2,589	91	96.6	40	39	1	97.5
JUMLAH	**18,415**	**18,231**	**184**	**99.0**	**1,118**	**1,000**	**118**	**89.5**

Nota: ***(*) - Tidak Termasuk Tanah Hulu Langat 23.56 Ekar***

d. Semakan Audit terhadap pengurusan Bahagian UDA Land mendapati perkara berikut:

i. Seksyen II para 2 Perjanjian Pengurusan Projek antara UHB dengan subsidiarinya menyatakan 25% perkongsian keuntungan yang diterima oleh UHB hendaklah diserahkan oleh subsidiarinya tidak lewat daripada tempoh 6 bulan selepas sesuatu projek dilancarkan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011 sejumlah RM96 juta telah diterima oleh UHB daripada perkongsian keuntungan tersebut manakala RM30 juta belum diterima. Semakan Audit selanjutnya mendapati pemberian perkongsian keuntungan ini

hanya diberi setelah sesuatu projek tersebut siap. Ini adalah bercanggah dengan syarat perjanjian. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada syarat dalam perjanjian yang menyatakan penalti dikenakan terhadap subsidiarinya jika perkongsian keuntungan tersebut tidak diagihkan kepada UHB.

Maklum Balas UDA Holdings Berhad Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

UHB mengambil maklum mengenai pembayaran perkongsian keuntungan yang tidak selaras dengan syarat perjanjian dan sedang mengkaji mengenai kemungkinan mengenakan penalti terhadap subsidiari yang lewat atau tidak mengagihkan keuntungan kepada UHB. Kelulusan Lembaga Pengarah bagi perkara ini disasarkan pada bulan Jun 2012.

Pada pendapat Audit, UHB sewajarnya mengkaji semula perjanjian Pengurusan Projek tersebut bersesuaian dengan keadaan sebenarnya.

ii. Sebanyak 100 unit rumah kedai telah dibina di Taman Alma Jaya, Seberang Jaya, Pulau Pinang. Tujuan pembinaan rumah kedai tersebut adalah untuk menyediakan ruang niaga kepada penduduk setempat. Bangunan ini siap dibina dalam tahun 2002. Semakan Audit mendapati daripada jumlah tersebut sebanyak 12 unit (12%) belum terjual sehingga bulan Disember 2011. Anggaran harga jualan bagi 12 unit tersebut adalah RM1.14 juta. Lawatan Audit pada 1 Mac 2012 mendapati salah satu daripada 12 unit tersebut mengalami kerosakan seperti siling bocor, berlaku resapan air pada dinding dan *beam* retak. Keadaannya adalah seperti di **Gambar 67.3** hingga **67.6**. Oleh kerana kurang sambutan pada awal penjualan ruang kedai tersebut menyebabkan bangunan ini terbiar untuk jangka masa yang lama sehingga kini. UDA Land North Sdn. Bhd. (ULNSB) hanya akan mengambil tindakan pembaikan setelah terdapat pembeli atau penyewa bagi mengelakkan berlakunya vandalisme yang menyebabkan kerugian.

Maklum Balas UDA Holdings Berhad Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

ULNSB telah pun mengambil tindakan membaik pulih unit rumah kedai tersebut yang melibatkan kos sebanyak RM187,290. Pembaikan tersebut telah disiapkan pada 24 Mac 2012. ULNSB juga telah membuat pemasangan papan tanda "JUAL/DISEWAKAN" di semua unit yang telah di baik pulih.


Pada pendapat Audit, ULNSB perlu berusaha bagi memastikan unit rumah kedai tersebut dapat dijual atau disewa.

GAMBAR 67.3



Taman Alma Jaya Di Seberang Perai Tengah (01.03.2012)

GAMBAR 67.4




Taman Alma Jaya - Siling Terkopak (01.03.2012)

GAMBAR 67.5



Taman Alma Jaya
- Resapan Air Pada Dinding
(01.03.2012)

GAMBAR 67.6



Taman Alma Jaya
- Keretakan Pada Beam
(01.03.2012)

iii. Bahagian UDA Land memantau subsidiari di bawahnya melalui laporan yang dikemukakan oleh subsidiari setiap bulan. Semakan Audit mendapati laporan bulanan iaitu *Projects Development Summary* (PDS), Kertas Kerja Kelulusan, Ringkasan Jualan Bulanan dan Laporan *Monthly Performance Summary* (MPS) dikemukakan oleh subsidiari untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Kumpulan UDA Land (MPKU) yang dipengerusikan oleh Ketua Bahagian UDA Land.

67.5.2.3. Program Kedai Desa

a. Sejumlah RM30 juta telah diperuntukkan kepada UHB untuk membina 300 unit kedai desa dalam Program Kedai Desa (PKD) dalam RMKe-10. UHB telah menerima peruntukan tersebut pada 8 November 2010. Seksyen Pembangunan Premis Desa (SPPD) di bawah Bahagian UDA Land telah dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan hasrat Kerajaan tersebut. Antara matlamat pembinaan kedai desa adalah bertujuan untuk mempertingkatkan pendapatan rakyat dan aktiviti ekonomi masyarakat desa; menyediakan lokasi perniagaan yang mampan, teratur dan mampu disewa oleh usahawan desa serta mempermudah penduduk desa mendapatkan bekalan barang keperluan.

b. Konsep pelaksanaan PKD adalah agensi pemilik tanah iaitu Majlis Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Kerajaan Negeri akan menandatangani perjanjian usaha sama dengan UHB di mana UHB akan dilantik sebagai pemaju dan diberi kuasa (PA) penuh bagi memajukan tanah tersebut dengan konsep mereka bentuk, membina dan menyerahkan kedai desa kepada tuan tanah. Keluasan minima tanah bagi pembinaan kedai desa adalah tiga perempat ekar berkonsepkan kedai 1 atau 2 tingkat berdasarkan lokasi. Anggaran tempoh masa yang akan diambil untuk melaksanakan program ini bagi satu-satu lokasi adalah 16 bulan.

c. Semakan Audit mendapati setakat bulan Disember 2011, SPPD telah mengadakan perbincangan dengan 39 Pihak Berkuasa Tempatan dalam usaha mengenal pasti tapak yang bersesuaian untuk dibangunkan. Hasil daripada perbincangan tersebut, pihak UHB telah meluluskan pembinaan kedai desa di 18 buah daerah dengan pembinaan 99 lot yang berjumlah 192 unit dengan anggaran kos sejumlah RM27.17 juta seperti di jadual berikut:

JADUAL 67.9
SENARAI PROJEK KEDAI DESA

DAERAH	BIL.			ANGGARAN KOS (RM Juta)
	LOT	TINGKAT	UNIT	
Jasin, Melaka	6	2	12	1.75
Muar, Johor	6	1	6	1.26
Ledang, Johor	6	2	12	1.78
Pekan, Pahang	8	2	16	1.63

DAERAH	BIL.			ANGGARAN KOS (RM Juta)
	LOT	TINGKAT	UNIT	
Jeli, Kelantan	7	2	14	1.78
Kuala Pilah, Negeri Sembilan	6	2	12	1.61
Rompin, Pahang	6	2	12	1.84
Kemasik, Kemaman, Terengganu	5	2	10	1.10
Dungun, Terengganu	4	2	8	0.95
Pengkalan Alor, Taiping, Perak	5	2	10	1.34
Langkap, Teluk Intan	3	2	6	0.94
Mentakab, Temerloh	5	2	10	1.25
Kuala Terengganu, Terengganu	6	2	12	1.77
Setiu, Terengganu	6	2	12	1.85
Perak Tengah, Perak	4	2	8	1.43
Kluang, Johor	6	2	12	1.92
Mersing, Johor	5	2	10	1.63
Batu Pahat, Johor	5	2	10	1.34
JUMLAH	**99**		**192**	**27.17**

d. Setakat bulan Disember 2011, perbelanjaan yang telah diguna pakai bagi program ini ialah RM0.53 juta yang melibatkan 11 tapak. SPPD telah membuat panggilan tawaran (iklan tender) untuk 8 projek kedai desa iaitu Jasin, Pekan, Muar, Kemaman, Dungun, Taiping, Teluk Intan dan Temerloh sehingga bulan Disember 2011. Pihak UHB telah meluluskan pelantikan kontraktor bagi 7 daripada 8 projek manakala peratus penyiapan bagi 3 projek adalah 29% hingga 50%.

e. Semakan Audit terhadap pengurusan Program Kedai Desa mendapati pada umumnya ia telah diuruskan dengan teratur namun terdapat kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

   i. SPPD memantau projek di bawah Program Kedai Desa dengan membuat lawatan tapak 2 minggu sekali di mana mesyuarat akan dibuat bersama-sama dengan perunding dan kontraktor yang dilantik bagi membincangkan kemajuan kerja dan masalah yang dihadapi bagi setiap projek. UHB juga telah melantik penyelia tapak secara kontrak bagi memantau projek yang dijalankan. UHB akan mengemukakan Laporan Status Terkini Cadangan Pembangunan Kedai Desa kepada Kementerian Kewangan mengikut keperluan dan juga dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada garis panduan atau tempoh masa yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan bagi program ini. Ketiadaan garis panduan yang jelas terutamanya mengenai konsep dan kriteria kedai desa mengakibatkan UHB menyediakan reka bentuk kedai desa yang melebihi kos yang ditetapkan. Ini akan menyebabkan sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan iaitu 300 unit kedai desa dengan peruntukan RM30 juta tidak akan tercapai.

   Pada pendapat Audit, Kementerian Kewangan sewajarnya menyediakan garis panduan yang jelas supaya pelaksanaan Program Kedai Desa menepati keperluan Kementerian Kewangan dari segi kewangan, tempoh masa dan sasaran yang ditetapkan.

67.5.2.4. Bahagian UDA Mall

a. Aktiviti Bahagian UDA Mall dilaksanakan sepenuhnya melalui subsidiarinya iaitu UDA Mall Sdn. Bhd., UDA Angsana Sdn. Bhd., UDA Pertama Sdn. Bhd. dan UDA Dayaurus Sdn. Bhd. yang dilantik sebagai Agen Pengurusan Harta ataupun Agen Pengurusan dan Pemasaran. Bahagian ini diketuai oleh seorang pemangku

Pengurus Besar Kanan (Senior General Manager). Bahagian ini mencatatkan perolehan sejumlah RM115 juta pada tahun kewangan 2010, iaitu penurunan sejumlah RM2.30 juta (2%) berbanding RM117.30 juta pada tahun sebelumnya. Di antara sebab berlakunya penurunan perolehan adalah kerana kerja *refurbishment* di Hentian Puduraya di mana UHB telah memberi diskaun antara 10% hingga 30% kepada penyewa. Semakan Audit mendapati, sumbangan terbesar yang diperolehi oleh Bahagian UDA Mall adalah daripada penyewaan, caj perkhidmatan, sewa letak kereta dan lain-lain pendapatan sewa. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 67.10
RINGKASAN PENDAPATAN SEWA DAN LAIN-LAIN PENDAPATAN SETAKAT BULAN NOVEMBER 2011

ANAK SYARIKAT	KOMPLEKS	TAHUN				JUMLAH KESELURUHAN	PERATUSAN KEPENDUDUKAN PENGHUNI MENGIKUT KOMPLEKS		
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	Setakat Nov. 2011 (RM Juta)	(RM Juta)	SEWA (%)	KOSONG (%)	JUMLAH (%)
UDA Mall Sdn. Bhd.	Bukit Bintang Plaza	28.73	27.46	25.73	23.94	105.86	95	5	100
	Hentian Pudu Raya	12.47	12.58	7.41	5.30	37.76	60	40	100
	Cahaya Suria	2.17	1.68	1.67	1.66	7.18	61	39	100
	Kompleks Niaga Utama	0.94	0.85	1.01	1.04	3.84	85	15	100
	Greentown Mall	9.46	9.41	10.05	9.68	38.60	100	-	100
	Plaza Ampangan	0.70	1.03	1.19	1.14	4.06	78	22	100
	Plaza Warisan	1.52	1.70	1.73	1.48	6.43	58	42	100
	Hentian Duta	0.75	0.76	1.07	1.22	3.80	99	1	100
	Sinar Kota	-	2.27	2.27	2.08	6.62	100	-	100
	Kompleks Raja Bot	-	0.80	0.81	0.76	2.37	100	-	100
	Harta Individu	0.98	0.96	0.94	0.90	3.78	TM	TM	TM
	Lain-lain Pendapatan Sewa	0.14	1.94	2.29	2.03	6.40	TM	TM	TM
Jumlah		**57.86**	**61.44**	**56.17**	**51.23**	**226.70**			
UDA Pertama Sdn. Bhd.	Pertama Baazar/Kompleks	4.41	4.45	4.23	4.02	17.11	88	12	12
Jumlah		**4.41**	**4.45**	**4.23**	**4.02**	**17.11**			
UDA Dayaurus Sdn. Bhd.	Bangunan Tunas Utama	0.50	0.50	0.50	0.42	1.92	100	-	100
	Harta Individu	0.03	0.03	0.02	0.02	0.10	TM	TM	TM
Jumlah		**0.53**	**0.53**	**0.52**	**0.44**	**2.02**			
UDA Angsana Sdn. Bhd.	Plaza Angsana	29.21	29.49	29.91	27.82	116.43	100	-	100
	Lain-lain Pendapatan dan Harta Individu	0.08	0.08	0.10	0.05	0.31	TM	TM	TM
Jumlah		**29.29**	**29.57**	**30.01**	**27.87**	**116.74**			
JUMLAH BESAR		**92.09**	**95.99**	**90.93**	**83.56**	**362.57**			

Nota: ***TM - Tiada Maklumat***

b. Semakan Audit terhadap pengurusan Bahagian UDA Mall mendapati perkara berikut:

i. Kutipan sewa adalah diuruskan oleh subsidiari di mana kutipan ini akan dimasukkan ke akaun UHB dan subsidiari juga bertanggungjawab terhadap urusan pentadbiran sewaan. Adalah didapati setakat 31 Disember 2011, bahagian ini mempunyai tunggakan sewa berjumlah RM6.47 juta yang melebihi 91 hari. Tindakan telah diambil oleh subsidiari bagi mengutip balik tunggakan sewa ini dengan menghantar surat peringatan, tindakan penamatan dan tindakan undang-undang terhadap penyewa yang tegar. Tunggakan sewa ini berlaku antaranya disebabkan oleh penyewa bumiputera yang kerap memohon untuk pengurangan kadar sewa dan kemudahan membayar sewa tertunggak secara ansuran. Ini boleh menyebabkan pengurangan pendapatan sebenar daripada kutipan sewa. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 67.11
TUNGGAKAN SEWA DAN LAIN-LAIN PENDAPATAN
DARIPADA PENGURUSAN HARTA SETAKAT 31 DISEMBER 2011

ANAK SYARIKAT	KOMPLEKS	*AGING*				JUMLAH KESELURUHAN (RM)
		30 Hari (RM)	31 - 60 Hari (RM)	61 - 90 Hari (RM)	> 91 Hari (RM)	
UDA Mall Sdn. Bhd.	Bukit Bintang Plaza	144,001	107,025	73,251	1,148,987	1,473,264
	Hentian Pudu Raya	251,766	196,191	136,659	266,128	850,744
	Cahaya Suria	39,643	7,426	-	121,943	169,012
	Kompleks Niaga Utama	1,173	13,214	5,625	134,681	154,693
	Greentown Mall	37,629	117,613	108,610	1,070,013	1,333,865
	Plaza Ampangan	12,332	16,807	12,095	213,000	254,234
	Plaza Warisan	-	-	8,672	97,630	106,302
	Hentian Duta	22,242	7,567	-	77,658	107,467
	Sinar Kota	169,443	-	-	5,171	174,614
	Kompleks Raja Bot	-	-	-	-	-
	Harta Individu	44,231	28,805	6,571	957,503	1,037,110
	Lain-Lain Pendapatan Sewa (Promosi)	127,457	14,609	1,970	1,683,588	1,827,624
Jumlah		**849,917**	**509,257**	**353,453**	**5,776,302**	**7,488,929**
UDA Pertama Sdn. Bhd.	Pertama Baazar/Kompleks	145,998	136,873	112,359	381,475	776,705
Jumlah		**145,998**	**136,873**	**112,359**	**381,475**	**776,705**
UDA Dayaurus Sdn. Bhd.	Bangunan Tunas Utama	42,064	42,064	42,064	-	126,192
Jumlah		**42,064**	**42,064**	**42,064**	**-**	**126,192**
UDA Angsana Sdn. Bhd.	Plaza Angsana	96,615	83,114	41,653	300,121	521,503
	Lain-Lain Pendapatan dan Harta Individu	-	-	-	14,400	14,400
Jumlah		**96,615**	**83,114**	**41,653**	**314,521**	**535,903**
JUMLAH BESAR		**1,134,594**	**771,308**	**549,529**	**6,472,298**	**8,927,729**

ii. Bahagian UDA Mall memantau subsidiari di bawahnya melalui laporan yang dikemukakan oleh subsidiari iaitu Laporan Pengurusan Harta, Laporan Pengurusan Penyewaan, Laporan Kerja Pembaikan atau Peningkatan dan Laporan Kewangan Kawalan sekali dalam 3 bulan kepada Seksyen Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Bahagian Kewangan UHB. Semakan Audit mendapati selain daripada laporan yang dikemukakan, pemantauan terhadap pengurusan aktiviti syarikat subsidiari Bahagian UDA Mall juga dipantau secara tidak langsung melalui pengauditan yang dijalankan oleh Unit Audit Dalam dari semasa ke semasa.

Maklum Balas UDA Holdings Berhad Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

UDA Mall telah mengambil beberapa pendekatan yang proaktif secara konsisten berhubung dengan isu tunggakan sewa. Antaranya mengkaji semula amalan skim ansuran yang dilaksanakan; program 'pemutihan' terhadap penyewa yang boleh mempengaruhi keputusan dan ketegasan dalam melaksanakan kutipan sewa bulanan secara konsisten; penyewa yang mempunyai tunggakan dipanggil untuk berunding terus dengan Bahagian UDA Mall dan pemantauan melalui Debtors Arrears Committee Meeting yang diadakan setiap bulan bagi mengenal pasti kelemahan setiap unit.

Pada pendapat Audit, pihak UDA Mall perlu terus menguatkuasakan mekanisme pemantauan yang telah diwujudkan itu bagi memastikan tunggakan sewa berjumlah RM8.93 juta dapat dikurangkan.

67.5.2.5. Bahagian UDA Leisure

a. Bahagian ini hanya diketuai oleh seorang Pengurus Besar Kanan Gred 4. Aktiviti Bahagian UDA Leisure keseluruhannya dilaksanakan melalui subsidiarinya iaitu UDA Ancasa Sdn. Bhd., Bestari Hospitality & Management Sdn. Bhd., KT Golf Resort Berhad dan First Cup Cafe Sdn. Bhd. Di bawah rangkaian Ancasa Hotels & Resort, Bahagian UDA Leisure telah memperkembangkan rangkaiannya dengan memperkenalkan hotel bajet yang dinamakan Ancasa Express dan mula beroperasi pada tahun 2011. Produk pertama di bawah rangkaian ini adalah An-Nur Ancasa Express di Georgetown, Pulau Pinang serta hotel di Perhentian Puduraya, Kuala Lumpur yang dikenali sebagai Ancasa Express Pudu dan mula beroperasi sepenuhnya pada suku ketiga tahun 2011. Perolehan UDA Leisure bagi tahun 2010 adalah sejumlah RM27 juta berbanding RM26.40 juta pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan sejumlah RM0.60 juta. Untung kasar bagi tahun 2010 turut mencatatkan peningkatan daripada RM17.40 juta kepada RM20.70 juta iaitu peningkatan 19%. Semakan Audit mendapati sumbangan terbesar yang diperolehi oleh Bahagian UDA Leisure adalah melalui rangkaian produk hotelnya iaitu Ancasa Hotel & Resort berbanding aktiviti lain di Bahagian UDA Leisure seperti golf *resort*, perniagaan kafe dan pusat *bowling*. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 67.12
KEUNTUNGAN/KERUGIAN ANAK SYARIKAT DI BAWAH BAHAGIAN UDA LEISURE

SYARIKAT YANG MENGURUS	PERNIAGAAN/LOKASI	KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) BERSIH (RM Juta)		
		2008	2009	2010
HOTEL, RESORT DAN SPA				
UDA Ancasa Sdn. Bhd.	Ancasa Hotel & Spa/ Kuala Lumpur	8.50	9.01	10.25
	Ancasa Allsuites Resort & Spa/Port Dickson	4.42	3.68	2.47
Tropical Island Resort Sdn. Bhd.	Jerejak Rainforest Resort/Pulau Pinang	(1.87)	(2.34)	(2.09)
JUMLAH		**11.05**	**10.35**	**10.63**
GOLF				
KT Golf Resort Sdn. Bhd.	Kuala Terengganu Golf Resort/ Kuala Terengganu	(0.44)	(0.45)	(0.87)
JUMLAH		**(0.44)**	**(0.45)**	**(0.87)**
BOWLING CENTRE				
Dermuda Sdn. Bhd.	Greentown Bowl/Ipoh, Perak	0.11	0.01	0.08
JUMLAH		**0.11**	**0.01**	**0.08**
KAFE				
First Cup Café Sdn. Bhd.	First Cup Café/BB Plaza, Kuala Lumpur	(0.06)	(0.06)	(0.10)
JUMLAH		**(0.06)**	**(0.06)**	**(0.10)**

b. Satu kajian Audit telah dijalankan pada bulan Mac 2011 terhadap pengurusan Jerejak Rainforest Resort. Tujuan projek pembangunan *resort* di Pulau Jerejak dilaksanakan adalah sebagai produk yang berteraskan kepada eko pelancongan bagi menarik lebih ramai pelawat ke Pulau Pinang. Pengurusan *resort* ini diuruskan oleh Tropical Island Resort Sdn. Bhd. Semakan Audit mendapati syarikat ini mengalami kerugian semenjak mula beroperasi dan menghadapi masalah aliran tunai untuk membiayai perbelanjaan operasi. Perkara ini berlaku disebabkan oleh sewa *resort* yang kurang mendapat sambutan.

Pada pendapat Audit, Tropical Island Resort Sdn. Bhd. perlu mempertingkatkan promosi yang lebih agresif kepada pengunjung dari dalam dan luar negara supaya dapat menambah pendapatannya.

Maklum Balas UDA Holdings Berhad Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Pihak pengurusan resort giat mengambil inisiatif dari segi promosi dan pemasaran dalam memajukan resort ini di Malaysia khasnya dan di mata dunia amnya sejak ia ditubuhkan sehingga kini.

67.5.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

Akta Syarikat 1965, surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, UHB telah mewujudkan beberapa jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Audit dan Risiko, Jawatankuasa Lantikan dan Ganjaran, Lembaga Tender, Jawatankuasa Hala Tuju Korporat dan Jawatankuasa Hala Tuju Sumber Manusia. Jawatankuasa tersebut mempunyai peranan masing-masing bagi memastikan peraturan pengurusan, operasi dan kewangan syarikat yang sedia ada sentiasa dipatuhi manakala sebarang kelemahan diatasi dengan segera. Semakan Audit berhubung dengan tadbir urus korporat mendapati perkara seperti berikut:

67.5.3.1. Perancangan Strategik

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menyatakan bahawa syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan menetapkan strateginya bagi menentukan hala tuju syarikat dan merangka strategi pelaksanaannya. Semakan Audit mendapati UHB telah menyediakan perancangan strategik bagi tahun 2008 dan unjuran kumpulan bagi tahun 2009 hingga 2012 dan diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2 Tahun 2008 pada 10 April 2008. Ia merangkumi penetapan visi dan misi korporat antaranya berusaha sebagai pemaju hartanah yang dinamik dengan mengoptimumkan keuntungan dalam aktiviti perniagaan. Rancangan Perniagaan mengambil kira iklim ekonomi selaras dengan rancangan rangsangan ekonomi oleh Kerajaan, pasaran hartanah Malaysia dan perkembangan ekonomi dunia. Kandungannya meneliti kekuatan dan kelemahan di setiap bahagian bagi mencapai sasaran perniagaan dan pelan tindakan yang ditetapkan selain dari merangka dan menilai strategi bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

67.5.3.2. Pembayaran Dividen

Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993, syarikat perlu membayar dividen sekurang-kurangnya 10% setiap tahun kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan lebih diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen perlu ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi tanpa menjejaskan kedudukan kewangan syarikat. Semua bayaran dividen hendaklah dibuat berasaskan keuntungan. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2008 dan 2010, UHB tidak membayar dividen kepada Kerajaan walaupun mencatat keuntungan operasinya bagi tahun 2008 dan 2010. Memandangkan UHB masih mengalami kekangan aliran tunai bagi menampung perancangan dan pembangunan projek di bawah UDA Urban, UDA Land dan penambahbaikan serta pengubahsuaian kompleks perniagaan sedia ada, maka Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2010 bertarikh 11 Mac 2010, bersetuju supaya UHB tidak membayar dividen kepada Kementerian Kewangan bagi tahun 2010. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan bahawa kelulusan pengecualian bayaran dividen ini diperolehi daripada Kementerian Kewangan.

Maklum Balas UDA Holdings Berhad Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Bahagian Kewangan UHB telah mengemukakan surat memohon kelulusan pengecualian bayaran dividen bagi tahun 2008 dan 2010 kepada Kementerian Kewangan pada 26 April 2012.

67.5.3.3. Penggunaan Kad Kredit Korporat

Pengarah Urusan UHB telah meluluskan penggunaan CIMB Bank Platinum *Business Card* (CBPBC) kepada Kumpulan Pengurusan UHB yang terdiri daripada Pengarah Urusan (RM60,000), 6 orang Pengurus Besar Kanan (RM30,000 seorang) dan 2 orang Pengurus Besar (RM30,000 seorang) dengan jumlah had kredit keseluruhan RM300,000 sebulan. Semakan Audit terhadap penggunaan kad CBPBC bagi tempoh tahun 2008 hingga bulan Mei 2011 mendapati perkara berikut:

a. Polisi Kad Kredit Korporat Para 3 menetapkan bahawa penggunaan Kad Kredit Korporat bagi item peribadi dan item yang tidak berkaitan dengan perniagaan UHB adalah tidak dibenarkan. Semakan Audit mendapati Pengarah Urusan pada waktu itu telah menggunakan kad kredit ini bagi tujuan peribadi dan tidak berkaitan dengan perniagaan UHB yang berjumlah RM808,386. Ini adalah bertentangan dengan polisi yang ditetapkan oleh UHB.

b. Polisi tersebut juga menghendaki pemegang kad untuk mengemukakan tuntutan bagi perbelanjaan rasmi berserta dengan dokumen sokongan dan membayar semula perbelanjaan peribadi kepada Bahagian Kewangan UHB. Manakala para 4 (d) menyatakan tindakan memotong gaji akan diambil terhadap pemegang kad yang gagal menjelaskan semua tuntutan dalam tempoh yang ditetapkan.

c. Semakan Audit mendapati bekas Pengarah Urusan masih mempunyai baki tunggakan perbelanjaan kad kredit korporat dan pendahuluan berjumlah RM805,954. Semakan selanjutnya mendapati perbelanjaan untuk tujuan peribadi telah mula dilakukan sejak 20 Oktober 2008. Pada bulan September 2009, Bahagian Kewangan dan Unit Audit Dalam UHB telah membincangkan kaedah penyelesaian tunggakan pada ketika itu yang berjumlah RM314,884. Pihak Lembaga Pengarah melalui Pengerusi Jawatankuasa Audit telah mula bertindak seawal bulan Mac 2010 dengan menasihati Pengarah Urusan tersebut supaya menyelesaikan semua tunggakan pendahuluan. Sungguhpun tindakan awal telah diambil oleh Pengerusi Jawatankuasa Audit, namun setiap tindakan tersebut tidak didokumenkan. Tindakan untuk menamatkan perkhidmatan kad kredit tersebut hanya diambil pada 24 Februari 2011 iaitu mengambil masa selama 17 bulan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 67.13
BAKI TUNGGAKAN SETAKAT 31 MEI 2011

PERIHAL	TEMPOH	JUMLAH (RM)
Kad Kredit Korporat CIMB	Oktober 2008 hingga Mac 2011	808,386
Pendahuluan (+)	April 2008 hingga Mac 2010	147,568
Bayaran (-)	i. MBB 040165 (24 Mac 2011) ii. MBB 040581 (8 April 2011)	150,000
JUMLAH		**805,954**

Maklum Balas UDA Holdings Berhad Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Tindakan undang-undang sedang diambil oleh UHB terhadap bekas Pengarah Urusan setelah beberapa surat tuntutan yang dikemukakan kepada beliau tidak mendapat maklum balas.

Pada pendapat Audit, kelewatan mengambil tindakan yang tegas di peringkat awal menyebabkan penggunaan kad kredit untuk tujuan peribadi berlarutan. Tindakan serta merta sepatutnya diambil oleh Lembaga Pengarah UHB terhadap pemegang kad tersebut setelah menyedari berlaku penyalahgunaannya untuk tujuan peribadi dan melanggar polisi yang ditetapkan tanpa mengira gred jawatan.

67.5.3.4. Pengurusan Aset

Menurut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah UHB bertanggungjawab memastikan tindakan sewajarnya diambil bagi memastikan aset syarikat diuruskan dengan cekap dan teratur serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap pengurusan aset UHB mendapati kelemahan seperti berikut:

a. Daftar Aset Tetap

Daftar Aset Tetap tidak dikemas kini dengan lengkap dan tepat dari semasa ke semasa. Semakan Audit mendapati maklumat harta tetap yang telah disenaraikan untuk pelupusan masih wujud di dalam sistem Daftar Aset Tetap (DAT) UHB. Ketiadaan maklumat yang lengkap dan tepat ini menyukarkan rujukan bagi pengenaan susut nilai, penggantian aset, penilaian aset serta urusan insurans aset tersebut.

Maklum Balas UDA Holdings Berhad Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

UHB akan memastikan segala maklumat aset tetap sentiasa dipantau dan dikemas kini dengan lengkap dan tepat. Tindakan juga telah diambil bagi menggunakan sistem Century sahaja dan menamatkan penggunaan sistem DAT.

b. Pemeriksaan Fizikal Terhadap Aset

Pemeriksaan fizikal terhadap aset di Ibu Pejabat UHB telah dijalankan pada 27 dan 28 Oktober 2011. Manakala pemeriksaan fizikal terhadap aset di premis percutian iaitu Rumah Percutian Melaka dan Port Dickson telah dijalankan pada 16 November 2011. Pemeriksaan Audit mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

i. Pelabelan Kod Harta Tetap

Mengikut nombor rujukan MO-UP-05 kepada Manual Operasi Unit Pembelian, semua aset UHB perlu diberikan nombor pendaftaran dan dilabelkan. Tanggungjawab ini perlu dikendalikan oleh Unit Pembelian, Seksyen Pengurusan Fasiliti, UHB. Semakan Audit mendapati 35 aset pelbagai tidak ditandakan dengan nombor kod pendaftaran/pengenalan. Ini boleh menyebabkan kedudukan fizikal dan lokasi sebenar aset tidak dapat ditentukan sama ada masih wujud, boleh digunakan, hilang, rosak atau tidak ekonomi untuk dibaiki.

Maklum Balas UDA Holdings Berhad Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Label nombor kod pendaftaran/pengenalan pada aset tersebut disyaki telah tertanggal. Unit Pembelian telah membuat dan melekat semula label yang baru pada aset tersebut.

ii. Aset Tidak Dapat Dikesan

Tujuan pemeriksaan aset dijalankan adalah bagi memastikan kewujudan dan keadaan aset melalui pengesahan secara fizikal, secara semakan terhadap rekod dan mengenal pasti lokasi penempatannya. Pemeriksaan Audit ke atas 10 aset di bawah kawalan UHB mendapati ianya tiada di lokasi seperti yang direkodkan dalam Daftar Aset. Keadaan ini berlaku kerana perpindahan/ pergerakan harta tetap tidak dimaklumkan kepada Unit Pembelian bagi tujuan mengemas kini rekod harta tetap (peralatan pejabat) di dalam Sistem Harta Tetap dan Sistem Kewangan Kedudukan Aset.

Maklum Balas UDA Holdings Berhad Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Perpindahan aset yang tidak dimaklumkan kepada Unit Pembelian adalah antara punca aset tersebut tidak dapat dikesan. Unit Pembelian sedang mengesan aset tersebut dan mengemas kini di dalam sistem Century dengan maklumat yang terkini. Pada masa hadapan, Unit Pembelian akan memastikan pemantauan berkala secara berterusan dibuat supaya aset yang didaftarkan wujud dan direkodkan dari masa ke semasa.

Pada pendapat Audit, UHB perlu memastikan rekod penyenggaraan aset sentiasa dikemas kini. Aset hendaklah dilabel sebagaimana dinyatakan dalam manual operasi syarikat. Ini boleh mengelakkan daripada berlakunya kehilangan ke atas aset.

67.5.3.5. Pengurusan Pinjaman Daripada Perbendaharaan

a. UHB telah mendapat pinjaman daripada Perbendaharaan sejak dari tahun 1971 bagi tujuan pelaksanaan projek pembangunan bandar. Sebanyak 26 daripada 37 pinjaman berjumlah RM1.320 bilion yang diterima telah dijadualkan semula sebagai PK 5-30 telah dikuatkuasakan pada bulan Februari 2007 dengan jumlah pinjaman peruntukan RM181.01 juta.

b. Sehingga 31 Disember 2010, UHB mempunyai 12 pinjaman yang telah diluluskan selepas penjadualan semula dibuat oleh Perbendaharaan berjumlah RM419.70 juta. Bayaran balik anuiti pinjaman perlu dibuat bermula pada bulan Januari 1992 hingga bulan Januari 2016. Bagaimanapun, pihak MKD telah bersetuju untuk menangguhkan kesemua pembayaran pinjaman mulai tahun 2008 hingga tahun 2010.

c. Pada 5 Oktober 2011, pihak Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) telah mempertimbangkan masalah aliran tunai UHB dengan meluluskan berkenaan *waiver* ke atas bayaran faedah pinjaman Kerajaan berdasarkan c*ut off date* sehingga 31 Disember 2010 dan penjadualan semula pokok pinjaman Kerajaan berjumlah RM285.40 juta berdasarkan keupayaan aliran tunai UHB. Sehingga 31 Disember 2011, semakan Audit mendapati kedudukan tunggakan bagi 10 daripada 12 pinjaman tersebut adalah berjumlah RM285.41 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 67.14
KEDUDUKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN TERTUNGGAK SEHINGGA 31 DISEMBER 2011

PINJAMAN	JUMLAH PINJAMAN (RM Juta)	TARIKH PINJAMAN DIKUATKUASAKAN	TEMPOH BAYARAN BALIK MENGIKUT PERJANJIAN		BAYARAN YANG PERLU DIJELASKAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2011			CATATAN
			DARI	HINGGA	POKOK (a) (RM Juta)	FAEDAH (b) (RM Juta)	JUMLAH (a+b) (RM Juta)	
PK 5-30	181.01	09.02.2007	30.11.2007	30.11.2014	148.67	0	148.67	Penjadualan Semula
PK 31 PK 32	27.84	18.01.1990	28.12.1995	20.12.2009	6.95	0	6.95	Penjadualan Semula
PK 33	4.00	02.01.1991	02.01.2007	02.01.2016	4.00	0	4.00	
PK 34	50.60	25.12.1992	25.12.1998	25.12.2012	25.62	0	25.62	
PK 35	6.00	25.12.1992	25.12.1998	25.12.2012	3.04	0	3.04	
PK 36	27.50	25.12.1992	25.12.1998	25.12.2012	13.93	0	13.93	
PK 37	26.41	24.12.1993	24.12.1999	24.12.2013	14.26	0	14.26	
PK 38	5.34	14.09.1992	02.01.1999	02.01.2000	-	-	-	Pinjaman Selesai
PK 39	6.66	02.01.1996	02.01.2002	02.01.2016	3.88	1.16	5.04	
PK 40	66.76	02.01.1996	02.01.2002	02.01.2016	38.91	11.67	50.58	
PK 41	17.58	02.01.1996	02.01.2002	02.01.2016	10.25	3.07	13.32	
JUMLAH	**419.70**				**269.51**	**15.90**	**285.41**	

67.5.3.6. Pengurusan Syarikat Subsidiari

a. Pinjaman Oleh Syarikat Subsidiari

UHB turut memberi pinjaman kepada syarikat subsidiari bagi membiayai projek pembangunan yang dijalankan di seluruh negara. Peraturan Kewangan terma dan syarat had kuasa melulus yang ditetapkan oleh UHB menghendaki semua faedah dikenakan oleh UHB akan ditanggung oleh syarikat yang meminjam. Semakan Audit mendapati 3 daripada 6 syarikat subsidiari yang menerima pendahuluan pinjaman daripada UHB masih mempunyai baki tertunggak sehingga 31 Disember 2011. Syarikat subsidiari tersebut adalah Dermuda Sdn. Bhd. berjumlah RM0.61 juta, UDA Land (East) Sdn. Bhd. RM0.76 juta dan Tropical Island Resort Sdn. Bhd. (TIRSB) RM7.65 juta.

Maklum Balas UDA Holdings Berhad Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

Semua pinjaman yang dibuat oleh syarikat subsidiari dikenakan faedah selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan (FRS). Bagaimanapun, pinjaman yang dibuat sebelum tahun 2011 tidak dikenakan faedah.

b. Pembayaran Dividen Oleh Syarikat Subsidiari

i. UHB mempunyai 28 subsidiari milik penuh dan 5 milikan subsidiarinya pula melebihi 50% di mana 22 daripadanya adalah aktif, manakala 11 lagi berstatus dorman. Selain itu, UHB juga mempunyai 7 sub-subsidiari di mana 1 daripadanya adalah dorman. Keuntungan bersih semasa secara keseluruhan bagi subsidiari pada tahun 2010 adalah berjumlah RM14.10 juta meningkat 14.2% berbanding tahun 2009 yang mencatat keuntungan bersih secara keseluruhan berjumlah RM12.30 juta. Manakala pada tahun 2008, jumlah keuntungan bersih semasa secara keseluruhan adalah jauh lebih rendah iaitu berjumlah RM7.80 juta. Pada tahun 2010, sebanyak 16 (48.5%) subsidiari mengalami kerugian bersih semasa berjumlah RM2.70 juta. Analisis terhadap kedudukan kewangan keseluruhan sub-subsidiari pula menunjukkan keuntungan bersih semasa pada tahun 2010 adalah berjumlah RM63.40 juta meningkat 142.5% berbanding tahun 2009 yang mencatat keuntungan RM26.20 juta. Selain itu, 3 (42.9%) daripada 7 sub-subsidiari mengalami kerugian semasa.

ii Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menyatakan bahawa semua Kumpulan Syarikat yang mempunyai keuntungan pada sesuatu tahun perlu mengemukakan cadangan pembayaran dividen kepada Kementerian Kewangan dan juga memastikan syarikat subsidiari membayar dividen kepada syarikat induk. Sekiranya tidak berbuat demikian, alasan yang munasabah perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Bagaimanapun, adalah didapati sebanyak 10, 10 dan 16 syarikat subsidiari yang mencatat keuntungan pada tahun 2008, 2009 dan 2010 masing-masingnya tidak membuat bayaran dividen kepada UHB bagi 3 tahun berkenaan. Manakala 2 sub-subsidiari yang mencatat keuntungan sama ada pada tahun 2009 atau 2010 juga tidak membuat bayaran dividen kepada subsidiari UHB yang berkenaan.

Maklum Balas UDA Holdings Berhad Yang Diterima Pada 14 Jun 2012

UHB akan memastikan syarikat subsidiari dan sub-subsidiari yang mempunyai keuntungan dan aliran tunai yang kukuh membuat bayaran dividen kepada syarikat induk. Bagaimanapun, bayaran dividen bergantung kepada kedudukan aliran tunai syarikat tersebut.

Pada pendapat Audit, UHB perlu berusaha untuk mendapatkan dividen daripada subsidiarinya sebagaimana yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993. Ini boleh menambahkan pendapatan UHB. Pengecualian perlu diperoleh daripada Kementerian Kewangan sekiranya bayaran dividen tidak dapat dibuat.

67.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif UHB dicapai sepertimana yang ditetapkan, adalah disyorkan supaya pihak pengurusan UHB, Kementerian Kewangan dan Lembaga Pengarah UHB memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

67.6.1. Lembaga Pengarah UHB perlu memastikan pengurusan UHB mematuhi proses dan prosedur tender yang telah ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya masalah projek lewat disiapkan.

67.6.2. Lembaga Pengarah UHB perlu memastikan pihak pengurusan UHB memberi tumpuan kepada pembangunan hartanah yang telah dirancang mengikut kedudukan kewangan sedia ada untuk meraih keuntungan dalam tempoh jangka panjang.

67.6.3. Kementerian Kewangan melalui wakilnya perlu memastikan UHB mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dan semua pekeliling yang telah dikeluarkan supaya pengurusan UHB dibuat dengan telus, teratur dan berhemat.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 554-561
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN KEWANGAN

68. PENGURUSAN SYARIKAT MALAYSIA INTERNATIONAL FRANCHISE SDN. BHD.

68.1. LATAR BELAKANG

68.1.1. Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. ditubuhkan pada 2 Ogos 2001 dengan nama PNS Francais Sdn. Bhd. (PNSF) dan telah menukar namanya kepada Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. (MyFranchise) pada 18 Jun 2007. MyFranchise adalah merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dengan modal dibenarkan berjumlah RM50 juta dan modal berbayar berjumlah RM27 juta. Objektif penubuhan syarikat adalah sebagai alat untuk meningkatkan keuntungan dengan melabur dalam perniagaan francais di luar negara dan juga Malaysia untuk mewujudkan pendapatan dan meningkatkan keuntungan syarikat.


68.1.2. MyFranchise terlibat di dalam aktiviti pelaburan dan juga perniagaan francais yang dilaksanakan sama ada oleh syarikat subsidiari MyFranchise atau MyFranchise sendiri seperti di jadual berikut:

JADUAL 68.1
AKTIVITI UTAMA MYFRANCHISE

AKTIVITI UTAMA	PELAKSANA	KETERANGAN RINGKAS AKTIVITI
Membangunkan Produk Francais Baru	Subsidiari MyFranchise • JomMalaysia International Sdn. Bhd. (JMISB) • JomMalaysia (Japan) Co. Ltd. (JMKK) • JomMalaysia (UK) Ltd. (JMUK) • Forest"Secret Sdn. Bhd. (FSSB)	• Menguruskan jenama JomMakan dan Program Malaysia Kitchen di luar negara (JMISB). • Mengendalikan restoran JomMakan di Jepun (JMKK). • Mengendalikan restoran JomMakan di UK (JMUK). • Menguruskan produk jenama Forest"Secret (FSSB).
Melabur Dalam Syarikat Master Francais Dan Mendapatkan Hak Master Francais Dari Luar Negara	Subsidiari MyFranchise • Wonderful Lifestyle Sdn. Bhd. (WLSB) • Benua Harapan Sdn. Bhd. (BHSB)	• Francais Induk kepada Gloria Jean"s Coffees iaitu rangkaian café dan stor runcit di Malaysia dan juga Brunei (WLSB). • Membangunkan dan menjalankan operasi rangkaian café iaitu Gloria Jean"s Coffees dan stor runcit di Malaysia (BHSB).
Skim Intrapreneur Francais	Subsidiari MyFranchise • Piagam Maju Sdn. Bhd.	• Menjalankan perniagaan restoran Marrybrown di Lapangan Terbang Senai.
Menjalankan Aktiviti Pelaburan Dalam Syarikat Francais Tempatan Untuk Ke Peringkat Global	MyFranchise	• Melabur dalam Nineteen „0"One Sdn. Bhd. (Francaisor Restoran Makanan Segera) dan Rich Pace Sdn. Bhd. (Francaisi Syarikat Menghias Kereta).

68.1.3. MyFranchise mempunyai 7 orang Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada 6 Pengarah Bukan Eksekutif termasuk Pengerusi dan seorang Pengarah Eksekutif. Pengurusan MyFranchise diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 10 orang pegawai. MyFranchise mempunyai 7 syarikat subsidiari yang menjalankan sebahagian besar daripada aktiviti utamanya seperti di **Carta 68.1**. Sebagai syarikat subsidiari yang dimiliki oleh Syarikat Kerajaan, MyFranchise perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (Kementerian) dari semasa ke semasa.

CARTA 68.1
STRUKTUR PEGANGAN PELABURAN
MALAYSIA INTERNATIONAL FRANCHISE SDN. BHD.



68.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

68.2.1. prestasi kewangan MyFranchise adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut;

68.2.2. pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur, berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan;

68.2.3. pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan; dan

68.2.4. pengurusan syarikat subsidiari telah dipantau oleh syarikat induk selaras dengan objektif ditetapkan.

68.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan, tadbir urus korporat dan aktiviti utama MyFranchise bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada Penyata Kewangan tahun 2008, 2009 dan 2010 yang diaudit. Pengauditan telah dilaksanakan di Ibu Pejabat MyFranchise, PNS serta Kementerian Kewangan.

68.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi:

68.4.1. semakan terhadap dokumen, fail serta rekod berkaitan;

68.4.2. testimoni melalui temu bual;

68.4.3. analisis terhadap data syarikat; dan

68.4.4. pemeriksaan fizikal terhadap aset dan gudang.

68.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Oktober 2011 mendapati prestasi kewangan syarikat bagi tempoh tahun kewangan 2008 hingga 2010 mencatatkan kerugian berturut-turut bagi tiga tahun tersebut. Pada keseluruhannya, pengurusan aktiviti, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat MyFranchise adalah kurang memuaskan. Antara penemuan Audit adalah seperti berikut:

i. semua pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu mengalami kerugian kecuali pelaburan dalam Piagam Maju Sdn. Bhd. (PMSB) dan sebahagian daripada pelaburan tersebut telah dijual atau dilupuskan;

ii. terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti seperti tiada perancangan yang teliti bagi melaksanakan prototaip JomMakan; proponen JomMakan di Jepun tidak mengemukakan laporan kewangan; objektif pelaburan tidak dicapai; pelaburan tidak dibuat dengan teratur dan ketidakpatuhan terma dan syarat perjanjian; dan

iii. pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan seperti perjanjian sewa tidak diperbaharui, kelemahan pengurusan fail, tindakan melupuskan aset lewat diambil dan bangunan yang dibeli tidak digunakan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas MyFranchise adalah seperti di perenggan berikut:

68.5.1. Prestasi Kewangan


68.5.1.1. Bagi tempoh tahun kewangan 2008 hingga 2010, MyFranchise tidak mempunyai pendapatan secara langsung. Bagaimanapun MyFranchise memperoleh lain-lain pendapatan iaitu faedah daripada aktiviti *placements.* MyFranchise juga telah mencatatkan peningkatan kerugian bersih semasa bagi 3 tahun berturut-turut. Pada tahun 2010, kerugian bersih semasa telah meningkat sebanyak RM1.80 juta menjadi RM7.17 juta berbanding RM5.37 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan kerugian tersebut antara lainnya adalah disebabkan oleh peningkatan dalam perbelanjaan pentadbiran iaitu emolumen kakitangan seperti gaji dan elaun. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi MyFranchise bagi tempoh tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di jadual dan carta berikut:


JADUAL 68.2
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI MYFRANCHISE
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

BUTIRAN	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan	-	-	-
Perbelanjaan Operasi	(3.81)	(5.58)	(7.19)
Rugi Operasi	**(3.81)**	**(5.58)**	**(7.19)**
Lain-lain Pendapatan	0.48	0.21	0.02
Rugi Sebelum Cukai	**(3.33)**	**(5.37)**	**(7.17)**
RUGI BERSIH SEMASA	**(3.33)**	**(5.37)**	**(7.17)**

Sumber: Penyata Kewangan MyFranchise Yang Diaudit

CARTA 68.2
TREND PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KEUNTUNGAN MYFRANCHISE BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2008 DAN 2009





68.5.1.2. MyFranchise tidak mempunyai pendapatan secara langsung. Bagaimanapun, pendapatan 4 syarikat subsidiarinya iaitu Wonderful Lifestyles Sdn Bhd (WLSB), Benua Harapan Sdn. Bhd. (BHSB), Forest Secret Sdn. Bhd. (FSSB) dan Piagam Maju Sdn. Bhd. (PMSB) digabungkan dalam akaun kumpulan PNS. Sekiranya pendapatan 4 subsidiari tersebut digabungkan dalam akaun kumpulan MyFranchise, pendapatan kumpulan MyFranchise adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 68.3
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI AKAUN KUMPULAN MYFRANCHISE BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

BUTIRAN	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan	3.55	5.25	5.11
Perbelanjaan Operasi	(9.08)	(12.09)	(12.33)
Rugi Operasi	**(5.53)**	**(6.84)**	**(7.22)**
Lain-lain Pendapatan	0.63	0.08	0.88
Rugi Sebelum Cukai	**(4.90)**	**(6.76)**	**(6.34)**
Cukai	(0.04)	(0.03)	(0.02)
RUGI BERSIH SEMASA	**(4.94)**	**(6.79)**	**(6.36)**

Nota: Akaun Kumpulan ini adalah berdasarkan Akaun Pengurusan MyFranchise dan Syarikat Subsidiarinya

68.5.1.3. Bagi menentukan prestasi kewangan MyFranchise, analisis nisbah semasa; margin keuntungan; nisbah pulangan ke atas aset serta nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2008, 2009 dan 2010. Berikut adalah hasil analisis yang dijalankan:

JADUAL 68.4
ANALISIS PENYATA KEWANGAN MYFRANCHISE BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a/b)
NISBAH SEMASA	2008	24.51	13.49	1.82
	2009	1.26	0.23	5.48
	2010	1.69	0.04	42.25
Kecairan MyFranchise meningkat pada tahun 2010 kerana PNS telah menyalurkan bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman berjumlah RM7.17 juta.				
	TAHUN	**RUGI SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)**	**JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)**	**MARGIN KEUNTUNGAN BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a/b)**
MARGIN KEUNTUNGAN	2008	(3.32)	-	-
	2009	(5.37)	-	-
	2010	(7.17)	-	-
Margin keuntungan tidak dapat dinilai kerana MyFranchise telah mengalami kerugian bagi tiga tahun berturut-turut dan tidak mempunyai sumber pendapatan.				

	TAHUN	RUGI SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET (%) (a/b)
NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET	2008	(3.32)	34.45	(9.6)
	2009	(5.37)	6.59	(81.5)
	2010	(7.17)	6.58	(109.0)
Berdasarkan perkiraan, MyFranchise tidak mencatatkan keuntungan sepanjang tahun 2008 hingga 2010, Sehubungan itu bagi setiap ringgit aset yang digunakan, MyFranchise tidak mencatatkan pulangan hasil.				
NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI	**TAHUN**	**RUGI SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)**	**JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)**	**NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) (a/b)**
	2008	(3.32)	20.96	(15.8)
	2009	(5.37)	6.36	(84.4)
	2010	(7.17)	6.54	(109.6)
Sepanjang tahun 2008 hingga 2010, MyFranchise tidak mencatat pulangan bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan oleh pemegang saham.				

68.5.1.4. Penyata aliran tunai memberikan maklumat berkaitan keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasinya serta penggunaan untuk menampung perbelanjaan. Berdasarkan kepada penyata aliran tunai syarikat, didapati MyFranchise masih mampu menjana aliran tunai daripada aktiviti operasi pada tahun 2010 berbanding tahun sebelumnya. Aliran tunai syarikat secara keseluruhan pada tahun 2010 juga didapati semakin meningkat kesan daripada peningkatan aliran tunai daripada aktiviti pelaburan. Peningkatan tersebut adalah disebabkan oleh suntikan dana daripada PNS pada tahun 2010. Kedudukan aliran tunai MyFranchise bagi tahun kewangan 2008, 2009 dan 2010 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 68.5
PENYATA ALIRAN TUNAI MYFRANCHISE
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

BUTIRAN/TAHUN	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pengoperasian			
Rugi Bersih Sebelum Cukai	(3.32)	(5.37)	(7.17)
Pelarasan	1.97	4.53	6.17
Peningkatan Modal Kerja	(0.26)	(11.79)	(5.92)
Pengurangan Modal Kerja	3.41	4.21	7.19
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pengoperasian	**1.80**	**(8.42)**	**0.27**
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan			
Aliran Masuk Tunai	4.91	-	0.24
Aliran Keluar Tunai	(7.57)	(0.02)	(0.02)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	**(2.66)**	**(0.02)**	**0.22**
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan			
Aliran Masuk Tunai	-	-	-
Aliran Keluar Tunai	-	-	-
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	**-**	**-**	**-**
Penambahan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai dan Persamaan Tunai	**(0.86)**	**(8.44)**	**0.49**
Tunai dan Persamaan Tunai Awal Tahun	**10.27**	**9.41**	**0.97**
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI AKHIR TAHUN	**9.41**	**0.97**	**1.46**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan MyFranchise bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah kurang memuaskan. MyFranchise tidak menjana keuntungan operasi serta tidak mencatat pulangan bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan oleh pemegang saham. Ini kerana MyFranchise tidak mempunyai pendapatan daripada aktiviti utamanya disebabkan semua pelaburan yang dibuatnya mengalami kerugian dan hanya bergantung kepada suntikan dana oleh syarikat induk iaitu PNS.

68.5.2. Prestasi dan Pengurusan Aktiviti

68.5.2.1. Prestasi Aktiviti

Setakat 31 Disember 2011, MyFranchise telah melabur dalam 7 syarikat subsidiarinya serta membuat pelaburan dalam 2 syarikat francaisor tempatan (syarikat bersekutu) iaitu Nineteen „0" One Sdn. Bhd. dan Rich Pace Sdn. Bhd. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 6 daripada 7 syarikat subsidiarinya dan 2 pelaburan dalam syarikat francaisor tempatan telah mengalami kerugian terkumpul setakat 31 Disember 2010 berjumlah RM40.97 juta. Adalah juga didapati juga MyFranchise sedang dalam proses menjual dan melupuskan sebahagian daripada pelaburannya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 68.6
PRESTASI PELABURAN MYFRANCHISE SETAKAT 31 DISEMBER 2010

NAMA SYARIKAT SUBSIDIARI/ BERSEKUTU	TARIKH PENUBUHAN	MODAL BERBAYAR (RM)	PERATUS PEGANGAN EKUITI MYFRANCHISE	UNTUNG/ (RUGI) TERKUMPUL (RM Juta)	STATUS TERKINI
MEMBANGUNKAN PRODUK FRANCAIS BARU					
JomMalaysia International Sdn. Bhd.	20.08.2007	2	100	(0.005)	Dorman
JomMalaysia (Japan) Co. Ltd.	04.07.2007	280,800	100	(2.34)*	Tutup
JomMalaysia (UK) Ltd.	05.06.2007	7	100	(9.06)**	• Aktif • MyFranchise telah menyerahkan syarikat ini kepada PNS • Telah dijual pada 6 Januari 2012.
Forest"Secret Sdn. Bhd.	28.12.2006	100,000	100	(9.51)	Dalam proses penjualan dan pelupusan pemilikan ekuiti.
MELABUR DALAM SYARIKAT MASTER FRANCAIS DAN MENDAPATKAN HAK MASTER FRANCAIS DARI LUAR NEGARA					
Wonderful Lifestyle Sdn. Bhd.	06.11.2006	100,000	100	(2.41)	Hanya sebagai Master Franchise (Outlet diurus telah dijual)
Benua Harapan Sdn. Bhd.	07.11.2006	100,000	100	(13.3)	Dalam proses menjual outlet yang diuruskan kepada pihak yang berminat.
SKIM FRANCAIS INTRAPRENEUR					
Piagam Maju Sdn. Bhd.	03.05.2006	100,000	100	0.05	Telah dijual kepada Francaisor pada 31 Disember 2011.
MENJALANKAN AKTIVITI PELABURAN DALAM SYARIKAT FRANCAIS TEMPATAN UNTUK KE PERINGKAT GLOBAL					
Nineteen „0"One Sdn. Bhd.	1997	1,575,000	40	(4.1)	Dalam proses untuk melupuskan pelaburan.
Rich Pace Sdn. Bhd.	TM	1,000,000	30	(0.3)	Telah dihapuskira pada Oktober 2010
JUMLAH				**(40.97)**	

Nota: (*) Penyata Kewangan Yang Diterima Hanya Setakat Tahun 2009 Sahaja. Penyata Kewangan Tersebut Juga Belum Diaudit.
(**) Penyata Kewangan Yang Disediakan Adalah Dalam Mata wang Great Britain Pound (GBP). Penukaran Nilai Mata Wang Kepada RM Berdasarkan Kadar Pada 31 Disember 2010 Iaitu 1 GBP = RM4.75747

Pada pendapat Audit prestasi aktiviti MyFranchise adalah kurang memuaskan kerana kesemua syarikat subsidiari mengalami kerugian dan sebahagian pelaburan yang dibuat telah dijual atau dilupuskan.

68.5.2.2. Pengurusan Aktiviti

a. Membangunkan Produk Francais Baru

Antara produk francais baru yang dibangunkan adalah outlet restoran dan *herbal outlet.* Pada umumnya, pembangunan produk francais baru yang dilaksanakan oleh syarikat subsidiari MyFranchise seperti Forest"Secret Sdn. Bhd. (FSSB);

JomMalaysia International Sdn. Bhd. (JMISB); JomMalaysia (Japan) Co. Ltd. (JMKK) dan JomMalaysia (UK) Ltd. (JMUK) adalah kurang memuaskan antaranya seperti perkara berikut:

i. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama FSSB

Produk jenama Forest Secret diuruskan oleh FSSB bagi membolehkan PNS membangunkan *herbal outlet* secara francais. Ini selaras dengan objektif penubuhan FSSB yang antara lainnya adalah untuk mempromosikan produk Malaysia yang berasaskan herba; menyediakan satu saluran pemasaran kepada usahawan yang mengeluarkan produk sedemikian dan memberi manfaat kepada pembekal berkaitan. Bagi mencapai objektif syarikat, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 antaranya menetapkan agar setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat induk dan menetapkan strategi berkaitannya. Surat Arahan Kementerian Kewangan bertarikh 3 Januari 2009 pula menyatakan bahawa syarikat perlu menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan mengemukakannya kepada Kementerian setiap suku tahun. Semakan Audit mendapati KPI FSSB telah disediakan bagi mengukur prestasi aktivitinya. Pengukuran prestasi berdasarkan 5 *Key Results Area* (KRA) iaitu jualan bulanan; pengurangan kos operasi; pengurangan kerugian bersih; bilangan cek pelanggan dan bilangan latihan diadakan. Berdasarkan Laporan KPI sehingga 31 Mac 2011, sebanyak 4 KRA telah mencatatkan pencapaian antara 84% hingga 120%. Bagaimanapun, FSSB turut mengalami kerugian terkumpul sejumlah RM9.51 juta setakat 31 Disember 2010.

Maklum Balas Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 11 Jun 2012

FSSB sedang dalam proses penjualan dan pelupusan pemilikan ekuiti.

ii. Restoran JomMakan

- Program Malaysia Kitchen yang diperkenalkan pada tahun 2006 bertujuan untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan melalui tarikan masakan Malaysia. Manakala Restoran JomMakan yang diuruskan oleh MyFranchise melalui syarikat subsidiarinya iaitu JomMalaysia (UK) Ltd. (JMUK) dan JomMalaysia (Japan) Co. Ltd. (JMKK) adalah di bawah Program Malaysia Kitchen menggunakan konsep sistem perniagaan francais dan telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Kabinet yang bertanggungjawab memantau pelaksanaan program ini. MyFranchise hanya diberi mandat untuk membuka 3 outlet prototaip iaitu di London, Tokyo dan New York. London adalah prototaip bagi konsep *Quick Service Restaurant* dan Tokyo adalah prototaip bagi *Specialty Restaurant* manakala New York adalah prototaip bagi *Fine Dining*. Sekiranya outlet prototaip ini berjaya, restoran JomMakan akan diperkembangkan dan diperluaskan melalui restoran francais.

- Di bawah RMKe-9, PNS telah menerima geran berjumlah RM20 juta daripada Kerajaan untuk program ini. Setakat 31 Disember 2011 sejumlah RM16.40 juta telah dibelanjakan dan baki RM3.60 juta telah dikembalikan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan pada 22 Februari 2012.

- Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2011, 2 outlet prototaip dibuka iaitu di London dan Tokyo manakala prototaip restoran di New York tidak dilaksanakan.

- Berdasarkan Laporan Akhir tentang keberkesanan Program Malaysia Kitchen oleh konsultan bagi pihak Unit Perancang Ekonomi, kegagalan JomMakan di London dan Tokyo adalah disebabkan lokasi yang tidak strategik, pengusaha yang tidak berpengalaman dalam perniagaan makanan, menu yang terlalu banyak, harga yang tidak berpatutan, kualiti dan rasa makanan yang kurang enak. Selain itu, kedua-dua restoran prototaip tersebut belum bersedia untuk difrancaiskan. Justeru itu, Kerajaan telah memutuskan supaya usahasama antara Kerajaan dan entiti swasta tidak dibenarkan dalam menjalankan perniagaan restoran dan ekuiti Kerajaan dalam restoran prototaip JomMakan dilupuskan kepada pihak swasta yang berminat. Semakan Audit selanjutnya mendapati outlet di London telah dijual pada 6 Januari 2012 manakala outlet di Tokyo telah pun ditutup.

Maklum Balas Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 11 Jun 2012

MyFranchise hanya diberi masa 2 minggu untuk membuka restoran di Tokyo menyebabkan pemilihan lokasi tidak dapat dibuat melalui kajian dan survey yang mendalam.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan prototaip JomMakan tidak dibuat dengan teratur di mana arahan secara ad hoc yang diberi untuk memulakan restoran adalah singkat menyebabkan perancangan yang teliti tidak dapat dilaksanakan sehingga menjejaskan pencapaian sasaran yang ditetapkan.

iii. Perbelanjaan Yang Tidak Perlu Di JMISB

JMISB adalah berstatus dorman (tidak mempunyai sumber pendapatan). Bagaimanapun, JMISB didapati masih membayar elaun pengarah, dan jumlah yang dibayar sejak penubuhannya hingga tahun 2010 adalah RM0.04 juta. Semakan Audit selanjutnya mendapati perbelanjaan operasi JMISB hanyalah terdiri daripada bayaran elaun pengarah seperti di jadual berikut:

JADUAL 68.7
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI JMISB
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

BUTIRAN	20.08.2007 – 31.12.2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)
Pendapatan	-	-	-
Perbelanjaan Operasi	(319,696)	(39,730)	(36,703)
Rugi Operasi	**(319,696)**	**(39,730)**	**(36,703)**
Lain-lain Pendapatan	319,696	28,015	43,483
Untung/Rugi Sebelum Cukai	**-**	**(11,715)**	**6,780**
Cukai	(7,000)	7,000	-
UNTUNG/RUGI BERSIH SEMASA	**(7,000)**	**(4,715)**	**6,780**

Nota : (*) Bayaran Elaun Pengarah Sahaja

Pada pendapat Audit, JMISB tidak perlu lagi membayar elaun pengarah kerana ini hanya akan menambah kos operasi syarikat sedangkan syarikat tersebut tidak lagi menjalankan sebarang aktiviti dan tiada sumber pendapatan utama.

Maklum Balas Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 11 Jun 2012

Elaun pengarah telah dihentikan sejak bulan Julai 2011.

iv. Laporan Kewangan Tidak Dikemukakan Oleh Proponen JMKK

JomMalaysia (Japan) Co. Ltd. (JMKK) yang ditubuhkan pada 2007 telah menguruskan program Malaysia Kitchen di Jepun, di mana ia merupakan salah satu projek perintis untuk membangunkan rangkaian restoran Malaysia di luar negara menerusi konsep francais. Restoran JomMakan di Jepun telah diuruskan oleh beberapa orang proponen (pengurus restoran) yang berbeza di mana salah seorang daripadanya yang telah dilantik pada September 2007. Antara terma dan syarat perkhidmatan di dalam surat pelantikan bekas proponen tersebut adalah menghendaki beliau menyelenggarakan rekod perakaunan syarikat dengan betul dan menyediakan laporan bulanan perniagaan dan perkembangan *outlet* syarikat. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap Laporan Lawatan ke Outlet Ginza 5, di Tokyo, Jepun pada 18 hingga 28 Mei 2009 mendapati bekas proponen tersebut tidak mengemukakan laporan kewangan harian dan juga dokumen sokongan seperti resit dan invois seperti yang diminta oleh MyFranchise sejak beliau mula berkhidmat sehinggalah beliau meletakkan jawatannya pada Jun 2009. Ini menyebabkan pengurusan MyFranchise tidak dapat membuat pemantauan terhadap akaun dan transaksi kewangan semasa di bawah pengurusan beliau. Semakan selanjutnya mendapati tiada tindakan diambil oleh MyFranchise terhadap bekas proponen tersebut atas kegagalannya terhadap obligasi tersebut.

Maklum Balas Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 11 Jun 2012

Laporan kewangan dan juga dokumen sokongan serta resit dan inbois sepatutnya diselenggarakan dan disediakan oleh seorang akauntan bertauliah yang dilantik oleh JMKK. Bagaimanapun, bekas proponen gagal membayar yuran perkhidmatan menyebabkan akauntan berkenaan enggan meneruskan perkhidmatannya. Selepas proponen baru mengambil alih akauntan bertauliah yang lain telah dilantik dan laporan kewangan dapat disediakan dan penyata kewangan telah diserahkan kepada MyFranchise setiap 3 bulan. Selain itu, tindakan sivil di Jepun tidak diambil oleh MyFranchise kerana kos guaman adalah dalam anggaran RM2 juta dan terlalu tinggi untuk menjustifikasikan tindakan undang-undang.

Pada pendapat Audit, pengurusan MyFranchise perlu mengambil tindakan terhadap pihak yang bertanggungjawab bagi memastikan perkara yang sama tidak berlaku lagi di masa hadapan.

v. Tuntutan Daripada JMKK Menggunakan Dokumen Palsu

Berdasarkan Laporan Audit Dalaman PNS dan juga laporan terhadap lawatan yang dilakukan oleh wakil daripada Jabatan Pembangunan Perniagaan PNS, adalah didapati terdapat unsur penyalahgunaan wang di dalam pengurusan kewangan JMKK semasa Restoran JomMakan di Jepun diuruskan oleh seorang bekas proponen. Semakan Audit mendapati bekas proponen tersebut telah membuat tuntutan bayaran dengan menggunakan dokumen palsu kepada Cachette Co. Ltd. berjumlah ¥7.3 juta (atau dianggarkan berjumlah RM278,904,

berdasarkan kadar pertukaran Yen pada bulan Disember 2009) dan MyFranchise juga telah pun meremitkan sepenuhnya bayaran tersebut. Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak PNS telah pun membuat laporan polis. Bagaimanapun, tiada tindakan lanjut diambil terhadap bekas proponen tersebut kerana kes ini berlaku di luar negara.

Maklum Balas Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 11 Jun 2012

Setelah pihak pengurusan MyFranchise mengesan dan mengesyaki pemalsuan dokumen berlaku, satu laporan polis telah dibuat di Balai Polis Dang Wangi pada 11 September 2009 dan perkara ini masih dalam siasatan polis.

Pada pendapat Audit, pengurusan MyFranchise perlu memandang serius isu ketidakpatuhan seumpama ini dan hendaklah memastikan setiap urusan pembayaran mematuhi prosedur kawalan dalaman bagi mengelakkan risiko penyalahgunaan wang.

vi. Kos Yang Tinggi Bagi Menyenggara Aset Yang Belum Dilupuskan

Berdasarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) PNS, aset yang tidak mempunyai nilai ekonomik untuk digunakan boleh dilupuskan dengan syarat mendapat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Bagaimanapun, semakan Audit mendapati masih terdapat aset yang belum dilupuskan iaitu Van Mobile Kitchen yang dibeli pada tahun 2008 semasa di bawah pengurusan seorang bekas proponen dengan harga RM100,000 seperti di **Gambar 68.1**. Ini telah menyebabkan MyFranchise masih menanggung kos parkir kerana van tersebut diletakkan di parkir kereta di Hanakoganei iaitu di luar Bandaraya Tokyo. Sehingga pengauditan selesai dijalankan, status terkini mengenai pelupusan van tersebut masih belum dikemukakan kepada pihak Audit.



GAMBAR 68.1

Hanakoganei, Jepun
- Van Mobile Kitchen
Masih Belum Dilupuskan
(Sumber: Laporan Audit Dalam PNS)

Pada pendapat Audit, pihak pengurusan PNS perlu mengambil tindakan segera bagi melupuskan van tersebut untuk mengurangkan kos yang perlu ditanggung.

Maklum Balas Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 11 Jun 2012

Proponen baru yang dilantik sebagai Resident Director JMKK telah memaklumkan bahawa van tersebut tidak mempunyai nilai komersil lagi dan telah dilupuskan bagi mengelakkan kos penyenggaraan, pembaikan dan parkir.

b. Melabur Dalam Syarikat Master Francais dan Mendapatkan Hak Master Francais Dari Luar Negara

Melalui aktiviti ini, MyFranchise telah mendapatkan hak Francais Induk dari luar negara melalui syarikat subsidiarinya iaitu Wonderful Lifestyle Sdn. Bhd. (WLSB) untuk jenama Gloria Jean"s Coffees *(*rangkaian café dan stor runcit) di Malaysia dan Brunei. Sehingga bulan Ogos 2011, WLSB mempunyai 11 kiosk, 2 kedai dan 1 *cart* di mana 3 daripada 11 kiosk dan 1 *cart* dijalankan oleh syarikat subsidiari MyFranchise yang lain iaitu Benua Harapan Sdn. Bhd. (BHSB). Semakan Audit terhadap aktiviti ini mendapati perkara berikut:

i. Objektif Pelaburan Tidak Dicapai

Antara tujuan pelaburan MyFranchise dalam WLSB dan BHSB adalah bagi menambahkan keuntungan syarikat selaras dengan objektif MyFranchise. Bagaimanapun bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, semakan Audit mendapati WLSB dan BHSB telah mengalami kerugian 3 tahun berturut-turut. Jumlah kerugian yang dicatatkan oleh WLSB adalah di antara RM0.34 juta hingga RM0.79 juta manakala jumlah kerugian yang dicatatkan oleh BHSB adalah di antara RM2.55 juta hingga RM2.88 juta.

Maklum Balas Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 11 Jun 2012

Pencapaian prestasi WLSB dan BHSB dari tahun 2008 hingga 2011 adalah memberangsangkan di mana WLSB mencatatkan keuntungan berjumlah RM6,493 dan BHSB mencatatkan penurunan kerugian kepada RM0.61 juta daripada RM2.90 juta. Setakat April 2012, WLSB telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM0.05 juta dan BHSB telah mencatatkan kerugian berjumlah RM0.30 juta.

c. Skim Intrapreneur Francais

i. Skim Intrapreneur Francais adalah perniagaan francais yang dibuka dan dijalankan oleh MyFranchise di satu lokasi strategik di mana perniagaan francais ini akhirnya akan diserahkan kepada usahawan terpilih yang terdiri daripada pekerja kedai itu sendiri. Program ini merupakan satu platform bagi usahawan yang berpotensi untuk memahami sepenuhnya operasi sistem francais. Antara program Skim Intrapreneur yang telah dijalankan adalah Restoran Marrybrown di Lapangan Terbang Senai, Johor yang dimiliki dan diurus oleh Piagam Maju Sdn. Bhd. (PMSB) iaitu syarikat subsidiari MyFranchise dengan modal berbayar berjumlah RM100,000. Semakan Audit mendapati prestasi kewangan PMSB mengalami penurunan keuntungan bersih dari tahun ke tahun, di mana tahun 2010 mencatatkan jualan paling rendah iaitu berjumlah RM1.05 juta berbanding jualan bertahun-tahun sebelumnya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 68.8
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI BAGI PMSB
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2010

BUTIRAN	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan	1.34	1.26	1.05
Perbelanjaan Operasi	(1.20)	(1.21)	(1.03)
Untung Operasi	**0.14**	**0.05**	**0.02**
Lain-lain Pendapatan	-	-	-
Untung Sebelum Cukai	**0.14**	**0.05**	**0.02**
Cukai	(0.04)	(0.03)	(0.02)
UNTUNG BERSIH SEMASA	**0.10**	**0.02**	**0.00**

ii. Berdasarkan Minit Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah MyFranchise yang ke-36 pada 6 Januari 2011, antara faktor yang mempengaruhi prestasi kewangan PMSB adalah penurunan jumlah pengunjung restoran kesan daripada pembukaan lain-lain restoran makanan segera seperti Kentucky Fried Chicken (KFC) dan juga *Secret Recipe* di lapangan terbang tersebut. **Pada pendapat Audit, MyFranchise perlu membuat kajian semula keberkesanan strategi pemasaran di lapangan terbang tersebut.**

Maklum Balas Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 11 Jun 2012

Kajian telah dilakukan semasa pembelian outlet Marrybrown. Bagaimanapun, Marrybrown Senai Airport telah mengalami kerugian pada tahun 2011 akibat persaingan dari Restoran McDonald, Secret Recipe dan Kentucky Fried Chicken. Sehubungan itu MyFranchise telah membuat keputusan untuk menyerahkan kembali outlet tersebut kepada Francaisor pada 31 Disember 2011 dengan harga RM150,000.

d. Menjalankan Aktiviti Pelaburan Dalam Syarikat Francaisor Tempatan Untuk Ke Peringkat Global

Melalui aktiviti ini, MyFranchise telah melabur dalam pemilikan Nineteen „0" One Sdn. Bhd. (NOSB) iaitu sebuah syarikat francaisor tempatan yang menjalankan perniagaan restoran makanan segera berasaskan *hot dog.* Pelaburan dalam NOSB berjumlah RM4.11 juta telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan ia melibatkan RM2.05 juta *cumulative redeemable preference shares (CRPS)* dan bakinya melalui RM2.06 juta saham biasa. Bagi tujuan tersebut, MyFranchise dan NOSB telah memeterai beberapa perjanjian seperti *Shareholder And Management Agreement; Subscription Agreement* dan *Share Sale Agreement.* Selain itu, *MyFranchise* turut melabur sejumlah RM300,000 (30%) dalam pemilikan Rich Pace Sdn. Bhd. iaitu francaisi syarikat menghias kereta. *Standard Operating Procedure* (SOP) pelaburan yang dibuat oleh MyFranchise adalah menggunakan SOP pelaburan PNS.

i. Pelaburan Dibuat Tidak Teratur

SOP Pra-Pelaburan PNS menghendaki sebelum sebarang pelaburan dibuat kertas cadangan pelaburan perlulah disediakan dengan lengkap dan terperinci; kertas cadangan tersebut perlulah disemak; melaksanakan lawatan ke tapak; menyemak prestasi kewangan dan perniagaan syarikat berdasarkan laporan dalam kertas cadangan serta melaksanakan *due dilligence* terhadap syarikat di mana pelaburan akan dibuat. Semakan Audit mendapati tiada bukti lawatan tapak ke tempat operasi perniagaan telah dibuat kerana tiada laporan mengenainya disediakan. Kesan daripada ketiadaan tindakan daripada pihak pengurusan MyFranchise terhadap pematuhan polisi tersebut, syarikat terdedah kepada risiko kerugian.

Maklum Balas Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 11 Jun 2012

Beberapa pihak yang berminat telah mengadakan mesyuarat untuk mengambil alih NOSB dan menyelesaikan pemiutang syarikat.

Pada pendapat Audit, pihak pengurusan syarikat perlu memastikan semua pelaburan yang dibuat adalah mengikut polisi dan garis panduan pelaburan yang telah ditetapkan untuk menjamin kepentingan syarikat.

ii. Pulangan Pelaburan Tidak Mengikut Perjanjian

Berdasarkan *Subscription Agreement*, NOSB memberi jaminan akan membayar dividen dengan kadar 10% setahun bagi saham biasa dan 5% setahun bagi *CRPS* untuk pelaburan selama 5 tahun iaitu dari tahun 2007 hingga 2011 dalam NOSB yang pada keseluruhannya berjumlah RM0.99 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 68.9
JANGKAAN KADAR KEUNTUNGAN YANG AKAN DITERIMA OLEH MYFRANCHISE

BIL.	PERKARA	RM
1.	*Monitoring and Administration Fees (0.5% of loan amount)*	20,545
2.	*Nominee Directors Fee (0.06% x RM4.1 millions x 12 months x 5 years)*	147,960
3.	*Dividend income from ordinary shares (5 years at 10%) based on enlarged share capital of NOSB (10% x 632,500 x 5)*	316,250
4.	*Fixed dividend on Preference Shares of 5% during the tenure of PNSF investment (0.05 x 2,054,500 x 5)*	513,625
JUMLAH		**998,380**

Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2011, MyFranchise hanya menerima dividen berjumlah RM107,003 daripada NOSB. Ini disebabkan NOSB tidak mendapat keuntungan dan tidak mampu untuk membayar dividen kepada MyFranchise. Butiran bayaran dividen yang diterima adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 68.10
SENARAI BAYARAN YANG TELAH DI BUAT OLEH NOSB

BAYARAN	JUMLAH (RM)	TARIKH
1	17,120.83	21.08.2007
2	17,120.83	21.09.2007
3	34,241.67	24.01.2008
4	12,840.00	15.04.2008
5	12,840.00	15.05.2008
6	12,840.00	15.06.2008
JUMLAH	**107,003.33**	

Maklum Balas Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 11 Jun 2012

Kajian kemungkinan telah dilakukan sebelum melabur dalam NOSB sepertimana dalam kertas cadangan pelaburan pada 3 April 2006 serta dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah. Pelaburan ini juga telah diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PNS yang ke 238 pada 30 Mei 2006.

iii. Terma Dan Syarat Seperti Ditetapkan Dalam Perjanjian Tidak Dipatuhi

Subscription Agreement menetapkan NOSB perlu mengemukakan kepada MyFranchise setiap bulan bukti pembayaran KWSP dan lain-lain bayaran yang perlu dibayar kepada agensi berkaitan. Selain itu, NOSB juga perlu mengemukakan kepada MyFranchise salinan penyata kewangan yang telah diaudit serta akaun pengurusan dalam masa enam bulan dan satu bulan

selepas berakhirnya tahun kewangan melalui Akauntan Pemantau yang dilantik oleh NOSB. Manakala *Shareholder Agreement* pula menyatakan pemegang saham perlu mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- Tiada bukti pihak NOSB ada mengemukakan bukti pembayaran KWSP dan lain-lain bayaran kepada agensi Kerajaan.
- Akauntan Pemantau yang dilantik oleh NOSB juga gagal mengemukakan beberapa laporan pemantauan kepada MyFranchise mengikut masa yang ditetapkan. Antara akaun pengurusan yang gagal dikemukakan adalah bagi bulan November 2007, Disember 2007, Januari 2008 dan Februari 2008.
- NOSB gagal mengadakan mesyuarat pada suku pertama tahun 2008 dan tiada notis jemputan dikeluarkan kepada wakil MyFranchise bagi menghadiri mesyuarat yang diadakan.

Maklum Balas Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 11 Jun 2012

Ketidakpatuhan perjanjian adalah disebabkan oleh NOSB yang tidak memberikan maklum balas berhubung isu yang dibangkitkan.

Pada pendapat Audit, segala terma dan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian perlu dipatuhi bagi memastikan kepentingan MyFranchise terjamin.

iv. Aktiviti Dalam Syarikat Yang Dilabur Tidak Dilaksanakan Seperti Perjanjian

Rich Pace Sdn.Bhd. telah ditubuhkan pada tahun 2008 bagi tujuan untuk mendapat hak Master Francaisi daripada "PT The Autobridal International of Republic of Indonesia". Menurut klausa 6 *Joint Venture And Shareholders Agreement* yang telah dimeterai pada 11 Ogos 2008, aktiviti perniagaan yang perlu dilaksanakan oleh RPSB adalah bagi mendapatkan dan menjadi *Master Franchaisee* bagi produk yang dikenali sebagai „The Autobridal". Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada bukti sebarang perniagaan telah dilaksanakan sehingga kini. Ini telah menyebabkan MyFranchise tidak mendapat sebarang keuntungan daripada pelaburan tersebut. Butiran lanjut berkenaan pembayaran yang dibuat kepada RPSB adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 68.11
SENARAI BAUCAR BAYARAN KEPADA RPSB

NOMBOR BAUCAR	PERIHAL BAUCAR	TARIKH	JUMLAH (RM)
000690	Bayaran Untuk 30% Bagi Master Franchisee Fee	16.06.2008	150,000
000787	Bayaran Bagi Share Subscription Joint Venture And Shareholders Agreement	26.08.2008	150,000
JUMLAH			**300,000**

Maklum Balas Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 11 Jun 2012

Pelaburan ini telah dihapus kira pada bulan Oktober 2010.

68.5.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan urus tadbir korporat dan kewangan yang baik. Selain itu, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 secara khususnya telah menetapkan Lembaga Pengarah Syarikat Induk adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan semua dasar yang ditetapkan dalam pekeliling ini serta semua pekeliling Kerajaan yang berkaitan perlu dipatuhi oleh syarikat subsidiari. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, MyFranchise telah menetapkan polisi dan menggariskan beberapa garis panduan dan prosedur kerja berkaitan urusan operasi untuk dipatuhi.

68.5.3.1. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menyatakan bahawa setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat (pelan perniagaan) dan menetapkan strateginya untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang serta rancangan tersebut perlu selaras dengan objektif penubuhannya dan perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Semakan Audit mendapati MyFranchise ada menyediakan rancangan korporat (pelan perniagaan) berdasarkan rancangan korporat syarikat induknya iaitu PNS.

68.5.3.2. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi syarikat Kerajaan bertujuan untuk meningkatkan lagi kawalan ke atas syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Pekeliling juga menekankan bahawa Pengurus Audit Dalam mestilah dilantik sebagai Setiausaha Jawatankuasa Audit dan perlulah mempunyai kelulusan dan pengalaman yang berkaitan serta menjadi Ahli Badan Profesional Institut Akauntan Malaysia. Semakan Audit mendapati MyFranchise tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit dan pihak Audit dimaklumkan tanggungjawab tersebut dilaksanakan melalui Jawatankuasa Audit syarikat induknya iaitu PNS. Selain itu, pihak Audit juga mendapati Setiausaha Jawatankuasa Audit PNS adalah setiausaha syarikat PNS yang berkelulusan undang-undang, manakala wakil Unit Audit Dalam hanya dipanggil atas jemputan sahaja bukannya sebagai Ahli Jawatankuasa Audit.

Pada pendapat Audit, selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, Pengurus Unit Audit Dalam PNS perlulah dilantik sebagai Setiausaha Jawatankuasa Audit.

Maklum Balas Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 11 Jun 2012

Penemuan Audit telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah dan keputusan telah dibuat untuk mengekalkan Setiausaha Syarikat sebagai setiausaha kepada Jawatankuasa Audit. Memandangkan Ahli Jawatankuasa Audit terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah PNS dan Setiausaha Syarikat merupakan setiausaha kepada kesemua mesyuarat Lembaga Pengarah, adalah lebih efektif dan efisien jika Setiausaha Syarikat juga merupakan setiausaha kepada Jawatankuasa Audit. PNS akan memohon pengecualian dari Kementerian Kewangan dari mematuhi Pekeliling tersebut.

68.5.3.3. Menurut Akta Syarikat 1965, Ahli Lembaga Pengarah mempunyai kuasa terhadap pengurusan dan membuat keputusan serta penyeliaan terhadap segala urusan syarikat. Dalam erti kata lain, Ahli Lembaga Pengarah berperanan untuk memantau

segala tindakan yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan. Semakan Audit mendapati kelemahan di peringkat pengurusan MyFranchise adalah seperti berikut:

a. Pengurusan Gudang/Stok

i. Perjanjian Penyewaan Gudang Tidak Diperbaharui

Perjanjian penyewaan-kecil gudang (Sub-letting Warehouse Agreement) di antara MyFranchise dengan NOSB adalah berkuat kuasa selama 2 tahun iaitu bermula dari 1 November 2009 sehingga 4 Mei 2011. Manakala kadar sewaan bulanan yang ditetapkan adalah berjumlah RM10,262.40, iaitu pada kadar RM0.96 bagi setiap kaki persegi dengan keluasan keseluruhan sebanyak 10,690 kaki persegi. Semakan Audit mendapati sehingga pengauditan selesai, perjanjian tersebut masih lagi belum diperbaharui. Perkara ini boleh menyebabkan syarikat tidak dapat melindungi kepentingannya sekiranya berlaku sebarang perkara yang tidak diingini. Pihak Audit juga selanjutnya mendapati sewaan secara *sub-letting* ini telah memberi kesan yang tidak baik kepada MyFranchise di mana didapati NOSB telah gagal membayar sewa gudang sebanyak RM65,000 kepada pemberi sewa gudang iaitu Axis REIT Managers Berhad (Axis) sungguhpun jumlah tersebut telah dijelaskan oleh MyFranchise kepada NOSB. Axis sedang mengambil tindakan undang-undang terhadap NOSB dan tindakan ini boleh memberi kesan kepada MyFranchise memandangkan MyFranchise menyewa secara *sub-letting* dengan NOSB.

Maklum Balas Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 11 Jun 2012

Surat bertarikh 23 April 2012 telah dikemukakan kepada Axis untuk memperbaharui perjanjian sewaan dan juga mengurangkan keluasan sewaan. MyFranchise dan Axis sedang meneliti perjanjian sewaan dan akan memuktamadkannya sebelum 30 Jun 2012.

Pada pendapat Audit, pengurusan MyFranchise perlu segera memperbaharui perjanjian tersebut bagi menjaga kepentingan syarikat.

ii. Pelupusan Tidak Dibuat Selepas Mendapat Kelulusan Lembaga Pengarah

SOP *Procedure Manual* yang diguna pakai oleh MyFranchise menetapkan aset yang tiada nilai ekonomi kepada syarikat perlu dilupuskan atau dihapus kira dan satu jawatankuasa perlu ditubuhkan berdasarkan nilai aset tersebut. Berikutan dari penutupan 1 kedai, 1 kiosk dan juga 3 cart FSSB, semua produk Forest"Secret yang memerlukan pelupusan disimpan di dalam gudang yang disewa secara *sub-letting* oleh MyFranchise. Lawatan Audit ke gudang tersebut mendapati produk Forest"Secret yang telah melebihi tempoh penggunaan atau rosak dan sedang menunggu masa untuk dilupuskan seperti di **Gambar 68.2** dan **68.3** masih berada di gudang tersebut walaupun pelupusan terhadap produk yang bernilai RM159,532 tersebut telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada bulan November 2011. Ini menyebabkan ruang penyimpanan gudang tidak dapat digunakan dengan lebih efektif.

Maklum Balas Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 11 Jun 2012

Barang tersebut akan dilupuskan melalui pihak ketiga mengikut prosedur bahan buangan kimia sebelum 30 Jun 2012.

GAMBAR 68.2



Gudang di Shah Alam, Selangor
- Produk Forest'Secret Yang Telah Melebihi Tempoh Penggunaan
(01.12.2011)

GAMBAR 68.3



Gudang di Shah Alam, Selangor
- Produk Forest'Secret Telah Rosak
(01.12.2011)

Pada pendapat Audit, pengurusan MyFranchise perlu menyegerakan proses pelupusan tersebut.

b. Pengurusan Fail

Pengurusan fail yang sistematik membolehkan maklumat yang terkandung di dalamnya dikawal dan dicapai dengan cepat dan tepat apabila diperlukan. Rekod yang lengkap dan kemas kini adalah penting bagi tujuan pemantauan dan rujukan di samping memastikan wujudnya akauntabiliti dan ketelusan. Semakan Audit mendapati rekod aktiviti MyFranchise seperti Restoran JomMakan serta dokumen berkaitan pelaburan dalam NOSB dan RPSB tidak diselenggarakan dengan teratur. Pihak Audit juga mendapati daftar fail tidak disediakan; fail tidak mempunyai nombor rujukan dan kertas minit; minit mesyuarat tidak disusun dengan teratur dan laporan kewangan berkaitan aktiviti juga tidak dikemas kini. Ini menyebabkan maklumat sukar diperoleh dengan segera.

Maklum Balas Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 11 Jun 2012

Sistem fail berpusat akan dilaksanakan secara berperingkat, berterusan dan berkala. Bagaimanapun, pada masa ini sistem fail secara manual telah dilaksanakan terutamanya untuk outlet yang berkaitan supaya rujukan dokumen dapat dibuat dengan cepat.

Pada pendapat Audit, pengurusan fail yang sistematik boleh membantu MyFranchise melaksanakan urusan pentadbiran dengan lebih cekap, teratur dan berkesan.

68.5.3.4. Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan tindakan sewajarnya diambil bagi memastikan aset syarikat diuruskan dengan cekap dan teratur serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pengurusan aset bagi MyFranchise diuruskan oleh Bahagian Perolehan di PNS. Segala peraturan dan polisi berkenaan aset adalah tertakluk kepada polisi dan prosedur yang dikeluarkan oleh PNS. Butiran kelemahan pengurusan aset MyFranchise adalah seperti berikut:

a. Lot Kedai Dibeli Tidak Digunakan

i. Ahli Lembaga Pengarah MyFranchise telah meluluskan pembelian satu lot kedai (5 tingkat) di Dana One, Kelana Jaya pada bulan Julai 2007 dengan harga RM4.56 juta menggunakan peruntukan PNS. Pembelian tersebut dibuat bagi mewujudkan *Kitchen Sentral* yang bertindak sebagai pusat sehenti bagi

penyelidikan dan pembangunan; pusat latihan; pusat pengumpulan, pembungkusan dan penyimpanan produk; pusat sehenti pengedaran antarabangsa dan pusat pentadbiran francaisor bagi program Malaysia Kitchen. Semakan Audit mendapati lot kedai tersebut tidak pernah digunakan sejak tarikh perolehannya sehingga kini. Berdasarkan minit Mesyuarat Penyelarasan Semula Program Malaysia Kitchen bertarikh 7 Julai 2009, keputusan telah dibuat agar tidak meneruskan projek Kitchen Sentral.

ii. Lawatan Audit pada 1 Disember 2011 mendapati lot kedai tersebut masih berkeadaan baik seperti di **Gambar 68.4** dan **68.5**. Bagaimanapun bagi memastikan lot kedai tersebut sentiasa berada dalam keadaan baik, MyFranchise terpaksa menanggung kos caj perkhidmatan penyenggaraan berjumlah RM21,942.54 (sehingga bulan Ogos 2011).

GAMBAR 68.4



Lot Kedai Di Dana One, Kelana Jaya
- Pandangan Sisi Lot Kedai Yang Tidak Digunakan
(01.12.2011)

GAMBAR 68.5



Tingkat 1 Lot Kedai Di Dana One
- Ruang Dalam Lot Kedai Yang Tidak Digunakan
(01.12.2011)

Pada pendapat Audit, lot kedai yang terbiar lama boleh mendatangkan risiko kerosakan dan seterusnya menyebabkan syarikat menanggung kos penyenggaraan yang lebih tinggi.

Maklum Balas Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 11 Jun 2012

Lot kedai tersebut telah disewakan mulai bulan April 2012.

68.5.4. Pemantauan Syarikat Subsidiari

Pemantauan merupakan suatu proses sistematik bagi mengumpul serta membuat analisis terhadap maklumat semasa sesuatu projek dilaksanakan. Pemantauan berkala terhadap kemajuan projek adalah penting dalam memastikan pelaksanaan berjalan lancar dan sebarang ketidakcapaian dapat dikesan dan diambil tindakan dengan awal. Pemantauan boleh dibuat terhadap aktiviti yang telah ditetapkan dan dirancang mengikut fasa yang berperingkat. Sehingga 31 Disember 2011, MyFranchise mempunyai 7 syarikat subsidiari iaitu JomMalaysia International Sdn. Bhd., JomMalaysia (Japan) Co. Ltd., JomMalaysia (UK) Ltd., Forest"Secret Sdn. Bhd., Wonderful Lifestyle Sdn. Bhd., Benua Harapan Sdn. Bhd. dan Piagam Maju Sdn. Bhd.. Pada tahun 2008 hingga 2010, kesemua subsidiari MyFranchise mencatatkan kerugian. Semakan Audit mendapati MyFranchise ada memantau prestasi syarikat subsidiari melalui perbincangan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah MyFranchise dan mesyuarat Lembaga Pengarah di peringkat PNS serta Jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat PNS. Semakan selanjutnya mendapati pemantauan berkala telah dibuat melalui pembentangan *Monthly Management Report* di dalam Jawatankuasa Pengurusan PNS manakala di peringkat pengurusan MyFranchise, Mesyuarat Mingguan Operasi dilaksanakan dan Laporan Jualan Harian Outlet disediakan.

68.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif MyFranchise dapat dicapai dengan sepenuhnya dan pemegang ekuiti mendapat *value for money,* adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

68.6.1. Pihak pengurusan MyFranchise perlu memastikan semua pelaburan yang dibuat adalah mengikut polisi dan garis panduan pelaburan yang telah ditetapkan.

68.6.2. MyFranchise perlu memastikan segala peraturan yang ditetapkan dalam perjanjian adalah dipatuhi. Tanpa pemantauan yang berkesan tersebut, tindakan pembetulan tidak dapat dibuat segera oleh MyFranchise sekiranya terdapat sebarang masalah terhadap urusan pelaburannya.

68.6.3. Pengurusan MyFranchise perlu memastikan fail berkaitan pengurusan aktiviti diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini bagi memudahkan pemantauan dan rujukan aktiviti serta mewujudkan akauntabiliti dan ketelusan.

68.6.4. Lembaga Pengarah MyFranchise perlu memastikan pemantauan subsidiari dibuat berasaskan pencapaian sasaran yang telah ditetapkan dan sebarang ketidakcapaian diambil tindakan segera. Sehubungan itu, MyFranchise perlu menetapkan petunjuk prestasi yang sesuai dan dapat dicapai berkenaan aktiviti tersebut.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 562-568 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

KEMENTERIAN KEWANGAN

69. PENGURUSAN SYARIKAT INDAH WATER KONSORTIUM SDN. BHD.

69.1. LATAR BELAKANG

69.1.1. Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) merupakan syarikat pembetungan nasional yang telah diamanahkan dengan tugas untuk membangun dan menyenggarakan sistem pembetungan yang moden dan efisien untuk semua rakyat Malaysia. Pada tahun 1994, Kerajaan Persekutuan telah menganugerahkan konsesi kepada IWK untuk mengambil alih perkhidmatan pembetungan seluruh negara yang sebelum ini di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sejak itu, IWK telah mengambil alih perkhidmatan pembetungan daripada semua PBT kecuali Kelantan, Sabah, Sarawak dan Majlis Perbandaran Johor Bahru. Pada bulan Jun 2000, Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan telah mengambil alih semua ekuiti dalam IWK bernilai RM100 juta daripada pemilik persendirian terdahulu dengan harga RM192.54 juta. Pada masa kini, 99.9% saham IWK dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan dan RM1 saham dimiliki oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Setakat 31 Disember 2011, IWK hanya mempunyai satu syarikat subsidiari iaitu Indah Water Operations Sdn. Bhd. yang berstatus dorman.

69.1.2. Pada bulan Julai 2006, Kerajaan telah menstrukturkan semula industri air dan pembetungan negara di mana Parlimen telah meluluskan 2 akta iaitu Akta Perkhidmatan Industri Air (AIPA) 2006 dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006. Pada bulan Januari 2008, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) ditubuhkan selaras dengan penguatkuasaan kedua-dua Akta berkenaan. Dengan penguatkuasaan AIPA, IWK tidak lagi bertanggungjawab terhadap perkhidmatan pengosongan berjadual bagi tangki septik individu dan tangki septik komunal. Ini kerana berdasarkan AIPA, tanggungjawab tersebut perlu dilaksanakan oleh pemilik/penghuni premis. Bagaimanapun, IWK masih melaksanakan perkhidmatan ini mengikut permintaan pelanggan.

69.1.3. Seksyen 4(1)(b), AIPA menetapkan IWK perlu memohon Lesen Individu (Perkhidmatan) untuk membolehkannya mengusahakan, menyedia atau mengadakan apa-apa perkhidmatan pembetungan. Pada bulan Julai 2009, IWK telah mengemukakan permohonan kepada SPAN dan diluluskan pada 16 September 2009. Namun begitu, pemberian lesen tersebut terpaksa ditangguhkan sehingga perjanjian konsesi sedia ada ditamatkan terlebih dahulu. Sehubungan itu, SPAN telah melanjutkan tempoh pemberian kuasa IWK sebagai *Authorised Person* sehingga 31 Disember 2012.

69.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

69.2.1. Prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut.

69.2.2. Pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur, berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

69.2.3. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

69.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan, tadbir urus korporat dan aktiviti utama IWK bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada Penyata Kewangan tahun 2008, 2009 dan 2010 yang diaudit. Bagi menilai prestasi aktiviti IWK pula, 3 aktiviti utama telah diaudit iaitu operasi dan penyenggaraan, kerja naik taraf aset pembetungan dan hubungan pelanggan. Pengauditan ditumpukan kepada Ibu Pejabat IWK, pejabat operasi IWK di Pahang, Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan Labuan serta Kementerian Kewangan.

69.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan terhadap dokumen, fail serta rekod berkaitan; testimoni melalui temu bual; analisis terhadap data syarikat; dan pemeriksaan fizikal terhadap 63 loji olahan kumbahan, kerja naik taraf loji dan aset di Pahang, Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan Labuan.

69.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati secara keseluruhannya, IWK telah berjaya membangunkan sistem pembetungan negara ke satu tahap yang lebih baik selepas 17 tahun mengendalikannya. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang diperhatikan seperti berikut:

i. prestasi kewangan IWK adalah kurang memuaskan di mana syarikat tidak mampu menjana keuntungan dan terlalu bergantung kepada subsidi Kerajaan untuk menampung perbelanjaan operasinya yang semakin meningkat. Ini menyebabkan IWK mengalami kerugian secara berterusan dan sehingga akhir tahun 2010, kerugian terkumpul IWK berjumlah RM888.81 juta;

ii. dari segi pengurusan aktivitinya, masih terdapat kelemahan yang melibatkan operasi dan penyenggaraan sistem pembetungan seperti kes kecurian di loji olahan kumbahan yang melibatkan anggaran kerugian berjumlah RM25.40 juta; air kumbahan tidak dirawat mengikut standard yang ditetapkan; kerosakan struktur loji serta pelanggaran standard efluen yang melibatkan fi lesen berjumlah RM1.554 bilion;

iii. dari segi pengurusan projek pula, berlaku kelemahan seperti projek tidak dirancang dengan teliti dan Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan bagi projek yang mana komponen utamanya gagal dalam pengujian dan pentauliahan; dan

iv. IWK menggunakan maklumat anggaran untuk mengeluarkan bil kepada pelanggan dan terdapat beberapa kelemahan dalam kutipan hasil.

Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan aktiviti serta maklum balas IWK adalah seperti di perenggan berikut:

69.5.1. Prestasi Kewangan

69.5.1.1. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, prestasi kewangan IWK kurang memuaskan di mana ia mengalami kerugian bersih bagi 3 tahun berturut-turut. Faktor utama yang menyumbang kepada kerugian tersebut adalah kadar tarif pembetungan yang rendah berbanding kos operasi yang semakin meningkat setiap tahun. Kadar tarif pembetungan negara tidak pernah dinaikkan sejak tahun 1994. Kerajaan pula pada tahun 2004, telah menurunkan kadar tarif pembetungan komersial akibat rungutan pelanggan. Untuk menampung defisit kos operasi IWK, Kerajaan telah menyalurkan subsidi berjumlah RM1.32 bilion dari tahun 2001 hingga 2011. Dengan penguatkuasaan AIPA 2006 pada tahun 2008, IWK tidak lagi bertanggungjawab terhadap perkhidmatan

pengosongan berjadual bagi tangki septik individu dan pengurusan tangki septik komunal. Ini menyebabkan pendapatan IWK terus menurun akibat kehilangan anggaran 11,348 pelanggan tangki septik individu. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi Kumpulan IWK bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008, 2009 dan 2010 adalah seperti di jadual berikut:


JADUAL 69.1
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI KUMPULAN IWK
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

BUTIRAN	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan	555.04	713.30	607.14
Perbelanjaan Operasi	(596.34)	(647.07)	(669.11)
Untung/(Rugi) Kasar	**(41.30)**	**66.23**	**(61.97)**
Pendapatan Faedah	12.99	10.76	11.48
Perbelanjaan Faedah	(103.05)	(110.34)	(118.07)
Rugi Sebelum Cukai	**(131.36)**	**(33.35)**	**(168.56)**
Pelarasan Cukai	-	0.24	-
Rugi Bersih Semasa	**(131.36)**	**(33.11)**	**(168.56)**
Kerugian Terkumpul	**(687.14)**	**(720.25)**	**(888.81)**

Sumber: Penyata Kewangan IWK Yang Diaudit

69.5.1.2. Pendapatan IWK terdiri daripada caj pembetungan, perkhidmatan teknikal dalam bidang pembetungan, subsidi daripada Kerajaan dan pendapatan faedah. Berdasarkan Penyata Kewangan diaudit, adalah didapati IWK mencatatkan peningkatan dalam pendapatan berjumlah RM156.03 juta (27.5%) bagi tahun 2009 berbanding tahun sebelumnya, namun mengalami penurunan pendapatan pada tahun 2010 berjumlah RM105.34 juta (14.6%). Ini disebabkan penurunan subsidi Kerajaan yang diterima dan penurunan pendapatan caj pembetungan domestik dan komersial. Trend pendapatan IWK bagi tempoh tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di carta berikut:

CARTA 69.1
TREND PENDAPATAN KUMPULAN IWK
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010



Maklum Balas Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Sebagai langkah untuk meningkatkan prestasi kewangannya, IWK telah mengemukakan cadangan kenaikan tarif pembetungan (berdasarkan penggunaan air) kepada SPAN, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan Kementerian Kewangan melalui Pelan Perniagaan Syarikat Tahun 2009.

69.5.1.3. Kos operasi IWK didapati telah meningkat sejumlah RM50.73 juta (8.5%) pada tahun 2009 dan RM22.04 juta (3.4%) pada tahun 2010 berbanding dengan tahun sebelumnya. Kos operasi utama IWK ini adalah terdiri daripada kos elektrik, penyenggaraan dan pentadbiran. Di samping itu, faedah pinjaman yang dikenakan ke atas Pinjaman Sokongan Kerajaan juga meningkat setiap tahun. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

a. Kos Elektrik

Analisis Audit mendapati kos elektrik bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 secara kasarnya adalah merangkumi 22% kos operasi IWK. Jumlah ini meningkat setiap tahun akibat pertambahan loji yang diambil alih oleh IWK. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kos elektrik yang diakaunkan adalah merangkumi jumlah denda dan penalti yang ditanggung oleh IWK akibat kelewatan membuat bayaran dan *Low Power Factor Penalty*. Keseluruhan penalti yang dibayar bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011 adalah berjumlah RM4.55 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 69.2
KOS ELEKTRIK BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011

BUTIRAN	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Caj Penggunaan	124.72	146.58	151.05	165.67	588.02
Penalti Lewat Bayar	0.25	0.34	0.51	0.43	1.53*
Low Power Factor Penalty	0.68	0.20	0.94	1.20	3.02*
JUMLAH KOS ELEKTRIK	**125.65**	**147.12**	**152.50**	**167.30**	**592.57**

Nota: ***Data Tahun 2011 Adalah Berdasarkan Penyata Kewangan Belum Diaudit***
(*) Penalti Berjumlah RM4.55 juta

Maklum Balas Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

IWK telah mula memperkenalkan bayaran bil melalui e-Bulk Payment supaya bayaran bil elektrik dapat dilaksanakan dengan lebih cepat. Penalti lewat bayar bagi bulan Januari hingga April 2012 telah dapat dikurangkan kepada RM66,353 (0.1%) berbanding RM167,978 (0.3%) bagi tempoh yang sama tahun 2011. Selain itu, pemasangan kapasitor bank juga telah dilaksanakan untuk menangani Low Power Factor Penalty.

Pada pendapat Audit, pihak IWK perlu mengelakkan bayaran penalti dan denda elektrik dengan mengadakan prosedur kerja yang lengkap untuk menjamin pengurusan perbelanjaan yang berhemat dan penggunaan sumber kewangan secara optimum.

b. Kos Penyenggaraan Tangki Septik Komunal

Seksyen 62, AIPA 2006 menetapkan satu tangki septik yang digunakan untuk lebih daripada satu premis adalah menjadi tanggungjawab bersama pemilik atau penghuni premis-premis itu tanpa mengira lokasi septik itu. Sehubungan itu, sejak penguatkuasaan Akta ini pada tahun 2008, semua tangki septik komunal yang sebelum ini dikategorikan sebagai sistem pembetungan bersambung bukan lagi di bawah tanggungjawab IWK. Kesannya, IWK kehilangan salah satu sumber pendapatan tetapi masih menanggung kos pengurusan tangki septik komunal kerana perlu menyenggara tangki ini apabila berlaku limpahan, paip tersumbat dan lain-lain lagi. IWK tidak boleh menghantar bil kepada pengguna tangki septik komunal kerana ia tidak lagi dikategorikan sebagai sistem perkhidmatan

pembetungan bersambung di bawah AIPA 2006. Sehubungan itu bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011, IWK telah membelanjakan sejumlah RM21.83 juta bagi pengurusan tangki septik komunal tanpa mendapat pulangan pendapatan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 69.3
KOS PENGURUSAN TANGKI SEPTIK KOMUNAL

TAHUN	BIL. TANGKI SEPTIK	BIL. STESEN PAM	JUMLAH PAIP PEMBETUNGAN	KOS (RM Juta)
2008	3,635	16	373	6.79
2009	3,634	14	403	5.62
2010	3,633	12	398	4.52
2011	3,632	9	389	4.90
JUMLAH				21.83

Maklum Balas Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

IWK telah mengemukakan kertas cadangan pengurusan tangki septik komunal kepada SPAN pada bulan November 2007. Sehubungan itu, SPAN memaklumkan bahawa AIPA 2006 sedang dalam proses penelitian dan ia akan dipinda termasuk perkara berkaitan pengurusan tangki septik komunal. Di samping itu, pihak IWK juga telah mengadakan forum bersama pelanggan untuk menggalakkan mereka menandatangani Service Agreement.

Pada pendapat Audit, IWK perlu lebih proaktif dan menyegerakan perbincangan dengan pihak SPAN dan agensi Kerajaan yang terlibat untuk menangani masalah berkaitan kos penyenggaraan tangki septik komunal ini.

69.5.1.4. Bagi menentukan prestasi kewangan IWK, analisis nisbah semasa; margin keuntungan; nisbah pulangan ke atas aset serta nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2008, 2009 dan 2010. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

JADUAL 69.4
ANALISIS NISBAH BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a/b)
NISBAH SEMASA	2008	618.00	169.06	3.66 : 1
	2009	699.55	162.84	4.30 : 1
	2010	660.08	328.26	2.01 : 1
Kecairan IWK menurun pada tahun 2010 akibat mengakrukan bayaran balik pinjaman yang matang pada bulan Jun 2011.				
	TAHUN	RUGI SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a/b)
MARGIN KEUNTUNGAN	2008	(131.36)	555.04	(0.24)
	2009	(33.11)	713.30	(0.05)
	2010	(168.56)	607.14	(0.28)
Bagi setiap ringgit hasil, IWK mengalami kerugian antara RM0.05 hingga RM0.28.				
	TAHUN	RUGI SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET (%) (a/b)
NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET	2008	(131.36)	1,160.69	(11.3)
	2009	(33.11)	1,236.24	(2.7)
	2010	(168.56)	1,183.85	(14.2)
Berdasarkan perkiraan, IWK tidak mencatatkan keuntungan sepanjang tahun 2008 hingga 2010, sehubungan itu bagi setiap ringgit aset yang digunakan, IWK tidak mencatatkan pulangan hasil.				

NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI	TAHUN	RUGI SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) (a/b)
	2008	(131.36)	(587.14)	(22.4)
	2009	(33.11)	(620.25)	(5.3)
	2010	(168.56)	(788.82)	(21.4)
Sepanjang tahun 2008 hingga 2010, IWK tidak mencatat pulangan bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan oleh pemegang saham.				

69.5.1.5. Prestasi Aliran Tunai

a. Penyata aliran tunai memberikan maklumat berkaitan keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasinya serta penggunaan untuk menampung perbelanjaan. Kedudukan aliran tunai IWK bagi tahun kewangan 2008, 2009 dan 2010 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 69.5
PENYATA ALIRAN TUNAI KUMPULAN IWK
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008, 2009 DAN 2010

BUTIRAN/TAHUN	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pengoperasian			
Kerugian Bersih Sebelum Cukai	(131.36)	(33.35)	(168.56)
Pelarasan	179.67	212.27	225.52
Peningkatan Modal Kerja	24.07	-	3.02
Pengurangan Modal Kerja	(80.10)	(103.90)	(50.07)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pengoperasian	**(7.72)**	**75.02**	**9.91**
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan			
Aliran Masuk Tunai	13.39	11.43	12.32
Aliran Keluar Tunai	(46.99)	(36.03)	(42.59)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	**(33.60)**	**(24.60)**	**(30.27)**
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan			
Aliran Masuk Tunai	-	-	-
Aliran Keluar Tunai	(5.69)	(9.22)	(6.50)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	**(5.69)**	**(9.22)**	**(6.50)**
Penambahan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai Dan Persamaan Tunai	**(47.01)**	**41.20**	**(26.86)**
Tunai Dan Persamaan Tunai Awal Tahun	**440.00**	**392.99**	**434.19**
Tunai Dan Persamaan Tunai Akhir Tahun	**392.99**	**434.19**	**407.33**

b. Berdasarkan kepada penyata aliran tunai syarikat, didapati IWK masih mampu menjana aliran tunai daripada aktiviti operasi pada tahun 2009 dan 2010. Bagaimanapun, aliran tunai syarikat secara keseluruhan didapati semakin menyusut pada tahun 2010 akibat aktiviti pelaburan dan pembiayaan. Peningkatan aliran keluar bagi aktiviti pelaburan adalah disebabkan oleh keperluan untuk membeli, membaik pulih dan menaik taraf aset pembetungan yang telah uzur. Pelaburan dalam aset ini dibuat sama ada secara tunai ataupun sewa beli.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan IWK bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah kurang memuaskan memandangkan setiap ringgit pendapatan yang diperoleh tidak dapat menampung kos langsung yang terlibat. Punca utama kepada perkara ini adalah kadar tarif pembetungan yang rendah dan peningkatan kos operasi seperti bil elektrik dan kerja penyenggaraan.

69.5.2. Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti

69.5.2.1. Misi penubuhan IWK adalah untuk menyediakan perkhidmatan pembetungan yang cekap kepada semua pelanggan di samping berusaha untuk membangunkan sistem pembetungan nasional yang akan menyumbang ke arah alam sekitar yang mesra dan berkekalan. Aktiviti utama IWK adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 69.6
AKTIVITI UTAMA INDAH WATER KONSORTIUM SDN. BHD.

PERANAN	KETERANGAN AKTIVITI
Operasi dan Penyenggaraan	Mengurus dan menyenggara sistem pembetungan awam termasuk loji olahan kumbahan, paip pembetungan, perkhidmatan responsif dan perkhidmatan makmal.
Hubungan Pelanggan	Menguruskan pangkalan data pelanggan, pengebilan, pungutan, khidmat pelanggan dan mengatur program kesedaran pengguna.
Pembangunan Sistem Pembetungan	Menyediakan pelan pembangunan sistem pembetungan, agensi perakuan pembetungan, pembangunan garis panduan dan standard berkaitan industri pembetungan, pusat latihan dan akreditasi serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan.
Capital Works	Mengurus dan memberi perkhidmatan konsultasi kepada projek pembetungan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan dan Kementerian Kewangan.

69.5.2.2. Tanggungjawab utama IWK adalah mengendalikan dan menyenggarakan loji olahan kumbahan awam serta rangkaian saliran paip pembetungan awam bawah tanah. Perkhidmatan ini disediakan melalui 18 Pejabat Operasi/Pusat Khidmat Pelanggan di seluruh negara kecuali Johor Bahru, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Secara keseluruhannya, IWK bertanggungjawab mengendali dan menyenggarakan 14,991 kilometer rangkaian sistem pembetungan awam, 829 stesen pam (pumping station) dan 5,749 loji olahan kumbahan awam (sewage treatment plant). Prestasi dan pengurusan aktiviti IWK adalah seperti di butiran berikut:

69.5.2.3. Prestasi Aktiviti

a. Pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI)

i. Bagi menjamin kesinambungan pengukuran produktiviti, pihak pengurusan IWK telah mewujudkan KPI mulai tahun 2006 berdasarkan kepada beberapa objektif strategik antaranya aspek kewangan, operasi, pelanggan dan pematuhan standard efluen yang masing-masing mengandungi beberapa elemen penilaian. Secara keseluruhannya, pencapaian KPI syarikat adalah baik di mana ia telah memenuhi pencapaian minimum yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan iaitu syarikat Kerajaan hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 75% daripada sasaran KPI. Pencapaian KPI IWK untuk tempoh tahun 2008 hingga 2011 adalah melebihi 80% dan beberapa elemennya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 69.7
PENCAPAIAN KPI
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2011

TAHUN	PENCAPAIAN KPI (%)	ELEMEN KPI	ELEMEN DENGAN SKOR 100%	ELEMEN DENGAN SKOR 50% - 99%	ELEMEN DENGAN SKOR 0% - 49%
2008	81	18	8	8	2
2009	83	16	4	12	-
2010	87	12	3	9	-
2011	87	13	5	7	1


JADUAL 69.8
PENCAPAIAN ELEMEN UTAMA KPI BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2011


TAHUN/ELEMEN	2008			2009			2010			2011		
	T	A	CAPAI (Ya/ Tidak)	T	A	CAPAI (Ya/ Tidak)	T	A	CAPAI (Ya/ Tidak)	T	A	CAPAI (Ya/ Tidak)
Aspek Pematuhan Standard Efluen												
Sampel efluen mematuhi standard (Kategori 2) (%)	93	90	×	94	95	✓	97	95	×	96	92	×
Sampel efluen mematuhi standard (Kategori 3) (%)	95	92	×	90	95	✓	97	94.5	×	97	93	×
Loji Kategori 2 diuji (%)	92	82	×	93	84	×	*	*	*	*	*	*
Loji Kategori 3 diuji (%)	91	87	×	92	90	×	*	*	*	*	*	*
Aspek Khidmat Pelanggan												
Jumlah pertanyaan (bil) yang diselesaikan dalam tempoh ditetapkan (%)	95	95.7	✓	100	97.9	×	100	99.6	×	100	99.8	×
Jumlah aduan operasi diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan (%)	95	96	✓	100	96.2	×	100	96.4	×	100	96	×
Jumlah pertanyaan bil (jumlah pertanyaan/1,000 pelanggan)	*	*	*	*	*	*	1.25	0.76	✓	1.25	0.75	✓
Jumlah aduan operasi (jumlah aduan/1,000 pelanggan)	*	*	*	*	*	*	10	11.3	×	10	10.3	×
Peningkatan Indeks Kepuasan Pelanggan (%)	*	*	*	50	0	×	50	57.9	✓	50	68	✓
Aspek Kewangan												
Peratus kutipan (%)	90	90.2	✓	92	92	✓	83	91	✓	85	98	✓
Kos operasi loji dan paip pembetungan (RM)	14.22	14.71	×	*	*	*	21.2	20.69	✓	21.2	21.11	✓
Kos pembaikan paip pembetungan/km (RM)	2,337	1,725	✓	*	*	*	1,990	1,923	✓	1,990	1,883	✓

Nota: ***(*) Elemen Ini Tiada Dalam KPI Tahun Berkenaan*** ***T - Sasaran*** ***A - Pencapaian Sebenar***

ii. Daripada jadual di atas, didapati kategori pematuhan standard efluen dan khidmat pelanggan tidak dapat mencapai KPI yang ditetapkan secara keseluruhan. Bagi pematuhan standard efluen, KPI yang ditetapkan berhubung bilangan loji yang mematuhi standard efluen pada tahun 2008, 2010 dan 2011 tidak mencapai KPI yang ditetapkan di mana peratusan yang dicapai adalah antara 90% hingga 95% berbanding antara 93% hingga 97% yang disasarkan. Bagi elemen khidmat pelanggan, adalah didapati peratus penyelesaian pertanyaan/aduan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 tidak dapat mencapai tahap 100% seperti yang disasarkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati IWK menggunakan sistem *Customer Operational Enquiry and Desludging System* (COEDS) untuk merekod, mengurus dan memantau aduan dan permintaan berkaitan operasi. Bagi memantau prestasi penyelesaian aduan, *Level of Service* (LOS) ditetapkan bagi setiap jenis aduan. Berdasarkan laporan dari sistem COEDS, bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011, sebanyak 128,095 aduan operasi telah diterima dan 123,410 (96.3%) daripada aduan tersebut telah diselesaikan dalam tempoh LOS. Butirannya adalah seperti di carta berikut:

CARTA 69.2
STATISTIK ADUAN OPERASI YANG DITERIMA DAN DISELESAIKAN DALAM TEMPOH LOS BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011





Sumber: COEDS

iii. IWK telah melancarkan *Customer Satisfaction Survey* (CSS) pada tahun 2006 untuk menentukan tahap kepuasan pelanggan dan merancang pelan tindakan penambahbaikan. Semakan Audit terhadap Laporan CSS mendapati tahap kesedaran pelanggan tentang perkhidmatan IWK adalah sangat baik di mana mulai tahun 2008, ia telah meningkat kepada 100%. Bagaimanapun, Indeks Kepuasan Pelanggan [*Customer Satisfaction Index* (CSI)] pula didapati masih berada di tahap kurang memuaskan di mana dari tahun 2006 hingga 2008, ia berada di bawah paras *Global Norm* yang ditetapkan iaitu 60. Indeks ini didapati telah meningkat daripada 57.9 pada tahun 2010 kepada 68 pada tahun 2011. Antara sebab skor CSI rendah adalah kerana pelanggan merasakan caj pembetungan terlalu mahal dan tidak munasabah serta pelanggan tidak tahu bagaimana caj pembetungan dikira. Butiran lengkap keputusan program CSS adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 69.9
LAPORAN *CUSTOMER SATISFACTION SURVEY* BAGI TAHUN 2006 HINGGA 2011

TAHUN	KESEDARAN PELANGGAN TENTANG PERKHIDMATAN IWK (%)	*CUSTOMER SATISFACTION INDEX*
2006	99	38.0
2007	97	41.0
2008	100	41.0
2009*	-	-
2010	100	57.9
2011	**	68.0

Nota:(*) - Jawatankuasa Pengurusan Memutuskan Untuk Tidak Melaksanakan CSS Pada Tahun 2009
(**) - Kaji Selidik Untuk Kesedaran Pelanggan Tidak Dilaksanakan Pada Tahun 2011

Pada pendapat Audit, IWK pada umumnya telah melaksanakan langkah yang wajar dalam urusan dengan pelanggannya, namun beberapa halangan telah menyebabkan IWK tidak dapat mencapai matlamat untuk meningkatkan kepuasan hati pelanggan.

b. Pencapaian *Outcome*

i. Selepas lebih 17 tahun mengambil alih sistem pembetungan awam dari PBT, IWK telah berjaya membangunkan sistem pembetungan negara ke satu tahap yang lebih baik. Berdasarkan Laporan *Estimates For The Use of Improved Sanitation Facilities* (Mac 2012) oleh *Joint Monitoring Programme* (World Health

Organization dan UNICEF), adalah didapati peratus populasi yang mendapat akses kepada sistem pembetungan yang lebih baik telah meningkat. Pada tahun 1990, akses sistem pembetungan hanya dinikmati oleh 84% rakyat Malaysia dan peratusan ini didapati bertambah baik dengan peningkatan sehingga 96% pada tahun 2010. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 69.10
AKSES KEPADA SISTEM PEMBETUNGAN YANG LEBIH BAIK DI MALAYSIA

TAHUN	PENDUDUK BANDAR		PENDUDUK LUAR BANDAR		JUMLAH POPULASI DENGAN AKSES KEPADA SISTEM PEMBETUNGAN (%)
	(%)	AKSES KEPADA SISTEM PEMBETUNGAN (%)	(%)	AKSES KEPADA SISTEM PEMBETUNGAN (%)	
1990	50	88	50	81	84
1995	56	91	44	85	88
2000	62	94	38	90	92
2005	68	96	32	95	96
2008	70	96	30	95	96
2010	72	96	28	95	96

Sumber: Laporan Joint Monitoring Programme WHO/UNICEF - Estimates For The Use of Improved Sanitation Facilities

ii. Mengikut Laporan *Environmental Performance Index* Tahun 2010, berdasarkan kajian bersama antara *Yale Centre of Law Policy, Yale University* dan *Centre for International Earth Science Information Network Columbia University* melaporkan bahawa daripada 163 negara di seluruh dunia, Malaysia telah menunjukkan prestasi yang baik dalam kategori *Access to Sanitation Services* dengan menduduki tangga ke-54 (93.3% dari populasi mempunyai akses kepada sistem pembetungan yang lebih baik). Perbandingan kedudukan Malaysia berbanding negara Asia Tenggara adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 69.11
KEDUDUKAN AKSES KEPADA SISTEM PEMBETUNGAN NEGARA ASIA TENGGARA

NEGARA	KEDUDUKAN	AKSES KEPADA SISTEM PEMBETUNGAN YANG BAIK (%)
Brunei	5	100.0
Singapura	25	100.0
Thailand	46	95.5
Malaysia	54	93.3
Myanmar	82	79.8
Filipina	91	75.3
Vietnam	103	60.7
Indonesia	114	46.1
Laos	120	41.6
Kemboja	146	19.2

Sumber: Laporan Environmental Performance Index Tahun 2010

c. Pematuhan Kualiti Efluen

i. Peraturan 10, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 menetapkan pemunya sesuatu premis yang membuang kumbahan ke atas atau ke dalam mana-mana tanah atau ke dalam mana-mana perairan pedalaman atau perairan Malaysia hendaklah dengan perbelanjaan sendiri memantau parameter kepekatan efluen yang dilepaskan. Satu rekod data pemantauan pembuangan kumbahan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar setiap bulan. Semakan Audit mendapati IWK telah menjalankan ujian efluen terhadap 5,714 (99.9%) daripada 5,722 loji yang perlu diuji pada tahun 2011. Daripada jumlah loji yang diuji, sejumlah 5,283 loji

(92.5%) didapati telah mematuhi standard efluen yang ditetapkan. Prestasi ini didapati semakin menurun berbanding tahun 2009 (94.8%) dan tahun 2010 (93.8%).

Maklum Balas Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Berdasarkan penjelasan pihak IWK, antara sebab utama loji tidak dapat mematuhi standard efluen adalah kerana keadaan loji yang terlalu uzur dan spesifikasi loji lama yang dibina sebelum peraturan berkuat kuasa.

Butiran loji yang diuji dan pematuhan standard bagi tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 69.12
KEDUDUKAN LOJI DIUJI DAN TAHAP PENCAPAIAN PEMATUHAN STANDARD EFLUEN BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011

TAHUN/PERKARA	2008	2009	2010	2011
Bilangan Loji	5,204	5,426	5,602	5,722
Bilangan Loji Diuji	4,750	5,406	5,587	5,714
Loji Diuji (%)	91.3	99.6	99.7	99.9
Jumlah Loji Yang Mematuhi Standard Efluen	4,387	5,129	5,243	5,283
Loji Yang Mematuhi Standard Efluen (%)	92.4	94.8	93.8	92.5

ii. Selain semakan terhadap data IWK, pihak Audit telah membuat semakan dengan maklumat penguatkuasaan kualiti efluen yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang, Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan Labuan. Daripada 844 loji yang diuji sepanjang tempoh tahun 2008 hingga 2011, sebanyak 791 loji (93.6%) didapati telah mematuhi standard efluen yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 69.13
KEPUTUSAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011

TAHUN/PERKARA	2008	2009	2010	2011	JUMLAH
SELANGOR					
Bilangan Loji Diuji	9	13	17	71	110
Jumlah Loji Yang Mematuhi Standard Efluen	9	13	17	58	97
Loji Yang Mematuhi Standard Efluen (%)	100	100	100	81.7	88.2
PAHANG					
Bilangan Loji Diuji	88	113	91	130	422
Jumlah Loji Yang Mematuhi Standard Efluen	87	110	90	127	414
Loji Yang Mematuhi Standard Efluen (%)	98.9	97.3	98.9	97.6	98.1
PULAU PINANG					
Bilangan Loji Diuji	89	81	64	30	264
Jumlah Loji Yang Mematuhi Standard Efluen	74	73	64	30	241
Loji Yang Mematuhi Standard Efluen (%)	83.1	90.1	100	100	91.3
LABUAN					
Bilangan Loji Diuji	21	20	3	4	48
Jumlah Loji Yang Mematuhi Standard Efluen	17	16	2	4	39
Loji Yang Mematuhi Standard Efluen (%)	80.9	80.0	66.7	100	81.3
JUMLAH					
Bilangan Loji Diuji	207	227	175	235	844
Jumlah Loji Yang Mematuhi Standard Efluen	187	212	172	219	791
Loji Yang Mematuhi Standard Efluen (%)	90.3	94.7	98.3	93.2	93.7

***Sumber:** Maklumat Daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang, Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan Labuan*

69.5.2.4. Pengurusan Aktiviti

a. Operasi Dan Penyenggaraan Sistem Pembetungan

Sistem pembetungan awam terdiri daripada rangkaian paip pembetungan bawah tanah, stesen pam, loji olahan kumbahan dan kemudahan rawatan enap cemar. Proses rawatan kumbahan secara biologikal dilaksanakan di loji olahan kumbahan. Untuk memastikan proses rawatan kumbahan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, pihak pengurusan IWK telah menyediakan *Operations Instructions* (OPI) untuk merancang, melaksana dan memantau operasi loji. Pihak Audit telah membuat lawatan fizikal di 63 loji di Pahang, Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan Labuan dan hasil semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. Pemeriksaan Loji Olahan Kumbahan

- Pemeriksaan loji secara berkala perlu dilaksanakan untuk memastikan loji olahan kumbahan beroperasi dengan baik dan berupaya merawat air kumbahan yang diterima. Kekerapan pemeriksaan loji ini ditentukan oleh saiz loji dan perkara ini telah ditetapkan di dalam *OPI/001 – Inspection Frequency*. Semakan Audit terhadap laporan kekerapan pemeriksaan loji bagi 4 pejabat operasi mendapati kekerapan pemeriksaan loji yang dijalankan kurang daripada yang disasarkan dalam OPI/001 seperti ditunjukkan di **Jadual 69.14**, namun peratus pencapaiannya masih di tahap baik iaitu melebihi 90%. Analisis terhadap sampel Audit mendapati antara faktor pemeriksaan loji tidak dijalankan mengikut kekerapan yang ditetapkan ialah kegagalan operator loji menyediakan pekerja yang mencukupi dan kegagalan pekerja IWK melaksanakan pemeriksaan yang dijadualkan.

JADUAL 69.14
PENCAPAIAN PEMERIKSAAN LOJI
DI PEJABAT OPERASI IWK BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011


PEJABAT OPERASI IWK	TAHUN	KEKERAPAN PEMERIKSAAN LOJI		
		PEMERIKSAAN YANG SEPATUT DIJALANKAN	PEMERIKSAAN YANG SEBENAR DIJALANKAN	% PEMERIKSAAN LOJI
Langat	2008*	10,792	12,628	117.0
	2009	33,920	51,481	151.8
	2010	35,231	50,723	143.9
	2011	37,328	36,963	99.0
Pulau Pinang	2008	11,024	11,098	100.7
	2009	11,940	11,599	97.1
	2010	12,392	12,082	97.5
	2011	12,388	11,848	95.6
Kuantan	2008	17,952	16,321	90.9
	2009	19,078	17,956	94.1
	2010	19,800	18,357	92.7
	2011	20,136	18,987	94.3
Labuan	2008	1,872	1,817	97.1
	2009	1,888	1,857	98.4
	2010	1,988	1,987	99.9
	2011	2,168	2,166	99.9

Sumber: ***Data Dari Sistem Industrial Financial System***
Nota: ***(*) - Data Dari Bulan September 2008 (Pejabat Operasi Langat Mula Beroperasi)***

- Sungguhpun pencapaian bagi kekerapan pemeriksaan loji di tahap baik, namun pemeriksaan loji yang tidak mencukupi boleh membawa kepada risiko kegagalan loji berfungsi dan seterusnya mengganggu proses rawatan kumbahan. Sebagai contoh, pemeriksaan fizikal Audit ke loji KUN 167,

Taman Pelindung Indah 2 & 2B, Kuantan mendapati air kumbahan tidak dipamkan ke tangki pengudaraan kerana kegagalan sistem elektrik akibat dipanah petir. Perkara ini menyebabkan air kumbahan hampir memenuhi *primary screen chamber* (**Gambar 69.1** dan **69.2**) dan jika lewat disedari, air kumbahan akan melimpah keluar dari loji.

GAMBAR 69.1



GAMBAR 69.2



KUN 167, Taman Pelindung 2 & 2B, Kuantan, Pahang
- Air Kumbahan Yang Tidak Dipamkan Ke Tangki Pengudaraan Hampir Memenuhi Primary Screen Chamber (23.11.2011)

Pada pendapat Audit, pemeriksaan berkala amat penting untuk memastikan loji berfungsi dengan baik dan sebarang kegagalan sistem elektrik dapat diatasi segera. Sehubungan itu, IWK perlu berusaha untuk memastikan peratus pemeriksaan loji mencapai tahap 100% dengan meningkatkan pemantauan oleh penyelia.

ii. Kes Kecurian Peralatan Elektrik Dan Mekanikal Di Loji

- Loji olahan kumbahan terdiri daripada kombinasi pelbagai peralatan elektrik dan mekanikal yang digunakan untuk rawatan kumbahan. Sehubungan itu, adalah penting untuk memastikan keselamatan loji berada pada tahap maksimum agar tidak berlaku sebarang pencerobohan dan kemalangan yang tidak diingini. *OPI/003-Fence/Security Inspection* menggariskan prosedur dan kekerapan pemeriksaan keselamatan yang perlu dilaksanakan di loji olahan kumbahan. Semakan Audit mendapati IWK telah melaksanakan pemeriksaan keselamatan mengikut prosedur dan kekerapan yang ditetapkan. Laporan pemeriksaan telah disediakan dan difailkan dengan teratur. Bagaimanapun, semakan terhadap maklumat pencerobohan dan kecurian bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011 mendapati 4,426 kes kecurian telah dilaporkan yang melibatkan anggaran kerugian berjumlah RM25.40 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 69.15
STATISTIK KES KECURIAN BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2011

TAHUN	BIL. KES KECURIAN	ANGGARAN KERUGIAN (RM Juta)
2008	1,522	8.97
2009	711	3.73
2010	821	5.90
2011	1,372	6.80
JUMLAH	**4,426**	**25.40**

- Analisis terhadap laporan kecurian mendapati peralatan yang sering dicuri adalah seperti *grating*, *lightning arrester*, rantai penyaring mekanikal, kabel, *handrail* dan motor *blower*. Akibat kecurian ini, IWK bukan sahaja terpaksa


menanggung kos membaiki dan mengganti peralatan berkenaan malahan IWK terdedah kepada risiko kegagalan melaksanakan proses rawatan kumbahan dan keselamatan pekerja. Contohnya adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 69.3



HLT 327, Taman Saga Emas, Bangi, Selangor - Grating Di Pump Sump Telah Dicuri Dan Membahayakan Pekerja Di Loji (03.11.2011)

GAMBAR 69.4



KUN 167, Taman Pelindung Indah 2 &2B, Kuantan, Pahang - Lightning Arrester Yang Dicuri Boleh Menyebabkan Sistem Elektrik Tidak Berfungsi Apabila Dipanah Petir (23.11.2011)

GAMBAR 69.5



PEG 187, Bandar Teluk Kumbar, Pulau Pinang - Rantai Penyaring Mekanikal Yang Dipotong Menyebabkan Penyaring Ini Tidak Boleh Berfungsi (17.11.2011)

GAMBAR 69.6



KUN 206, Jalan Hj Ahmad, Kuantan, Pahang - Handrail Dicuri Boleh Membahayakan Keselamatan Pekerja (24.11.2011)

- Semakan Audit selanjutnya mendapati ciri keselamatan yang terdapat di loji adalah minimum terutama bagi loji kecil yang hanya menggunakan pagar dawai.

Maklum Balas Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Kes kecurian kerap berlaku kerana kedudukan loji yang terpencil, jauh dari kawasan rumah, berhampiran semak dan kawasan pembinaan. Sebagai langkah pencegahan, IWK telah memasang kawat berduri di loji yang kerap berlaku kecurian* (Gambar 69.7). *Di samping itu, penggunaan grating Fibre Reinforce Plastic (FRP) telah diperkenalkan bagi menggantikan grating besi yang sering dicuri* (Gambar 69.8)*. Bahan FRP tidak mempunyai harga jualan sisa seperti besi dan penggunaannya dapat mengurangkan risiko kecurian. IWK juga telah melaksanakan Program Eye Customer di mana pelanggan yang tinggal berdekatan dengan loji dilantik untuk membantu memantau loji.

GAMBAR 69.7



HLT 327, Taman Saga Emas, Bangi, Selangor
- Kawat Berduri Yang Dipasang
Bagi Mengelakkan Pencerobohan
(03.11.2011)

GAMBAR 69.8



PEG 238,Jalan Sultan Azlan Shah, Pulau Pinang
- Penggunaan Grating FRP Bagi
Mengurangkan Risiko Kecurian
(16.11.2011)

iii. Kumbahan Tidak Dirawat Mengikut Standard Yang Ditetapkan

Peraturan 7, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 menetapkan tiada seorang pun boleh membuang kumbahan yang mengandungi bahan yang mempunyai kepekatan melebihi had yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua peraturan tersebut. Sehubungan itu, air kumbahan perlu melalui proses rawatan biologikal yang sempurna bagi memastikan efluen yang dilepaskan mematuhi standard. Semakan Audit mendapati ada kes di mana proses rawatan kumbahan tidak dilaksanakan dengan sempurna akibat *illegal discharge*, kerja naik taraf loji dan kesilapan manusia. Butirannya adalah seperti berikut:

- ***Illegal Discharge***


  Loji olahan kumbahan direka bentuk bagi merawat sisa kumbahan domestik. Sehubungan itu, sebarang pembuangan bahan lain seperti cat, minyak kenderaan, sisa minyak masak dan lemak dari restoran serta sisa industri boleh mengganggu proses rawatan biologikal loji. Kandungan minyak berlebihan boleh membunuh bakteria di dalam loji dan menyebabkan proses rawatan terganggu. Lawatan Audit pada 3 November 2011 ke loji HLT 142, Taman Perindustrian Vilaraya mendapati loji ini menerima sisa minyak kenderaan dan cat. Ini menimbulkan risiko loji tidak dapat merawat kumbahan yang diterima mengikut standard yang ditetapkan. Perbandingan keadaan di tangki pengudaraan bagi loji yang menerima sisa kumbahan domestik dengan loji yang menerima *illegal discharge* adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 69.9



LAN 008, Taman Layang-layangan,
W.P. Labuan
- Keadaan Di Tangki Pengudaraan Yang
Menerima Sisa Kumbahan Domestik
(08.12.2011)

GAMBAR 69.10



HLT 142, Taman Perindustrian Vilaraya,
Bangi, Selangor
- Keadaan Di Tangki Pengudaraan Yang
Menerima Sisa Minyak Kenderaan Dan Cat
(03.11.2011)

Maklum Balas Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Perkara ini kerap berlaku terutama di loji yang berada di kawasan perindustrian. Bagaimanapun, IWK tidak mempunyai kuasa mengambil tindakan penguatkuasaan untuk menghalang sisa kumbahan ini daripada memasuki loji. Jika perkara ini berterusan, IWK terdedah kepada risiko disaman oleh Jabatan Alam Sekitar kerana gagal mematuhi standard efluen. SPAN memaklumkan bahawa SPAN cuba menjalankan pemeriksaan bersepadu yang melibatkan SPAN, PBT dan Jabatan Alam Sekitar untuk mengatasi masalah ini.

- **Kerja Naik Taraf Loji**

  Perenggan 7.1.2, *Malaysian Sewerage Industry Guidelines Volume II* yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan menetapkan bagi kerja naik taraf loji, kemudahan loji rawatan sementara hendaklah disediakan bagi mengelakkan gangguan kepada orang awam dan gangguan terhadap proses rawatan kumbahan sepanjang kerja dijalankan. Lawatan Audit ke 2 loji yang sedang dinaiktarafkan di Kuantan dan Wilayah Persekutuan Labuan mendapati kemudahan loji rawatan sementara tidak disediakan mengakibatkan air kumbahan yang tidak dirawat dilepaskan terus ke longkang/saliran awam (**Gambar 69.11** hingga **69.16**). Butiran air kumbahan tidak dirawat adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 69.16
AIR KUMBAHAN TIDAK DIRAWAT

PEJABAT OPERASI	NO. LOJI	TARIKH LAWATAN	KEADAAN LOJI SEMASA LAWATAN AUDIT
Kuantan	KUN 110	23.11.2011	Loji sedang dinaik taraf, air kumbahan yang diterima tidak dirawat kerana kerja pembaikan sedang dijalankan di kedua-dua tangki *Sequencing Batch Reactors* (SBR). Keadaan ini berlaku mulai 13 Oktober 2011.
Wilayah Persekutuan Labuan	LAN 001	07.12.2011	Kerja membaik pulih rangkaian paip pembetungan sedang dijalankan. Tiada aliran masuk kumbahan ke loji ini kerana air kumbahan telah dipamkan keluar ke saliran awam tanpa dirawat terlebih dahulu.

GAMBAR 69.11




GAMBAR 69.12



KUN 110, Taman Inderapura, Kuantan, Pahang
- Air Kumbahan Yang Diterima Dipamkan Keluar Dari Pump Sump
(23.11.2011)

GAMBAR 69.13



KUN 110, Taman Inderapura, Kuantan, Pahang
- Air Kumbahan Tidak Dirawat Di Tangki SBR
(23.11.2011)

GAMBAR 69.14



KUN 110, Taman Inderapura, Kuantan, Pahang
- Air Kumbahan Yang Tidak Dirawat Dilepaskan Terus Ke Dalam Longkang
(23.11.2011)

GAMBAR 69.15



LAN 001, Rancha-rancha, W.P. Labuan
- Tiada Aliran Masuk Kumbahan Di Loji Kerana Air Kumbahan Telah Dilepaskan Ke Saliran Awam
(07.12.2011)

GAMBAR 69.16



LAN 001, Rancha-rancha, W.P. Labuan
- Kerja Membaik Pulih Rangkaian Paip Pembetungan Sedang Dijalankan
(07.12.2011)

Maklum Balas Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Kemudahan rawatan kumbahan sementara di loji KUN 110 tidak diambil kira kerana ia membabitkan kerja pembaikan decanter di tangki SBR. Air kumbahan dirawat secara separa melalui proses awalan sebelum memasuki tangki SBR. Bagaimanapun semasa lawatan Audit, tiada proses rawatan dilakukan di loji berkenaan. Bagi kerja baik pulih rangkaian paip pembetungan di Wilayah Persekutuan Labuan, air kumbahan terpaksa dialirkan ke saliran awam untuk tempoh masa yang singkat kerana tiada lurang pembetungan yang hampir dengan tapak kerja.

- **Kesilapan Manusia (Human Error)**

  Lawatan Audit pada 7 Disember 2011 ke loji LAN 030, Taman LDA Wilayah Persekutuan Labuan mendapati efluen yang dilepaskan mengandungi buih sabun yang banyak. Keadaan ini berlaku kerana pekerja IWK tidak membuka salah satu *valve* ke tangki pengudaraan. Kesilapan ini menyebabkan berlaku *overload* kerana hanya satu tangki pengudaraan menerima aliran masuk kumbahan. Akibatnya berlaku *overflow* dan air kumbahan tidak dirawat dengan sempurna adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 69.17



LAN 030, Taman LDA, W.P. Labuan
- Buih Sabun Di Chlorination Chamber
(07.12.2011)

GAMBAR 69.18



LAN 030, Taman LDA, W.P. Labuan
- Efluen Yang Mengandungi Buih Sabun Dilepaskan Ke Longkang
(07.12.2011)

Pada pendapat Audit, IWK perlu berusaha untuk memastikan air kumbahan dirawat sebelum dilepaskan ke longkang/saliran awam. Bagi kerja naik taraf, kemudahan rawatan kumbahan sementara hendaklah disediakan selaras dengan garis panduan yang berkuat kuasa. Pemantauan terhadap kerja yang dijalankan oleh pekerja operasi juga perlu dipertingkatkan agar proses rawatan kumbahan tidak terjejas.

iv. Kerosakan Struktur Loji

Loji olahan kumbahan hendaklah berada dalam keadaan baik dan selamat bagi memastikan ia berupaya merawat kumbahan dengan baik dan tidak mendatangkan bahaya kepada pekerja dan orang awam. Lawatan Audit ke beberapa loji di Pahang, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Labuan mendapati ada loji yang retak dan senget, tembok pagar retak dan bilik kawalan dimasuki air apabila hujan. Keadaan ini didapati boleh menjejaskan fungsi loji dan membahayakan pekerja serta orang awam. Sebagai contoh, tembok pagar yang hampir runtuh boleh membahayakan pekerja IWK dan orang awam yang berada berhampiran kawasan loji.

Maklum Balas Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Perkara ini berlaku akibat pergerakan tanah di kawasan loji dan kedudukan loji di kawasan rendah.

Pihak Audit juga dimaklumkan, kebiasaannya tapak loji merupakan tapak terpencil dan berhampiran kawasan paya. Ini menyebabkan struktur binaan loji terganggu apabila berlaku mendapan tanah. Akibatnya, peruntukan tambahan perlu digunakan untuk kerja baik pulih loji bagi membolehkan loji berfungsi seperti biasa. Contoh kerosakan struktur loji adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 69.19



GAMBAR 69.20



KUN 210, Sri Kuantan Square, Kuantan, Pahang

- Keretakan Pada Retaining Wall Menyebabkan Air Kumbahan Mengalir Keluar (24.11.2011)

- Keretakan Pada Retaining Wall Menyebabkan Air Kumbahan Mengalir Keluar (24.11.2011)

GAMBAR 69.21



GAMBAR 69.22



HMN 021, Bukit Sri Jaya, Maran, Pahang

- Penutup Clarifier Pecah (25.11.2011)

- Struktur Binaan Drying Bed Roboh (25.11.2011)

GAMBAR 69.23




GAMBAR 69.24



HTH 084, Taman Rimba Aman, Temerloh, Pahang
- Bilik Kawalan Dimasuki Air Hujan, Boleh Menjejaskan Peralatan Dan Panel Elektrik
(25.11.2011)

GAMBAR 69.25



GAMBAR 69.26



KUN 251, Perkampungan Seberang Balok, Kuantan, Pahang
- Tembok Pagar Yang Retak Dan Hampir Runtuh
(24.11.2011)

- Struktur Yang Ditambah Di Bahagian Luar Loji Bagi Mengelakkan Tembok Pagar Dari Runtuh
(24.11.2011)

GAMBAR 69.27



GAMBAR 69.28



LAN 018, Jalan Patau-patau, WP Labuan
- Struktur Loji Yang Retak
(07.12.2011)

- Struktur Loji Yang Retak
(07.12.2011)

GAMBAR 69.29



PEG 061, Bayan Baru, Pulau Pinang
- Chlorination Chamber Bocor
(16.11.2011)

GAMBAR 69.30



KUN 250, Perkampungan Sungai Karang Jaya, Kuantan, Pahang
- Kawasan Loji Tidak Mempunyai Longkang, Menyebabkan Air Bertakung Apabila Hujan Dan Dikhuatiri Air Akan Memasuki Bilik Kawalan
(24.11.2011)



GAMBAR 69.31

HMN 021, Bukit Sri Jaya, Maran, Pahang
- Kedudukan Bilik Kawalan Yang Telah Senget Akibat Pergerakan Tanah
(25.11.2011)

Maklum Balas Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Ibu Pejabat IWK telah mengumpulkan senarai loji yang mempunyai masalah struktur berserta kos pembaikan yang diperlukan daripada pejabat operasi dan telah mengemukakan kepada pihak SPAN bagi mendapatkan peruntukan kewangan.

v. Lesen Pelanggaran (License To Contravene)

Peraturan 8(1), Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 menetapkan seseorang pemunya atau penghuni premis boleh memohon untuk lesen pelanggaran di bawah subseksyen 25(1) Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 untuk melanggar syarat-syarat yang boleh terima bagi pembuangan kumbahan. Permohonan hendaklah dibuat kepada Jabatan Alam Sekitar berserta laporan mengenai kajian penyifatan kumbahan dan fi lesen. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011, sebanyak 3,290 permohonan lesen pelanggaran telah dibuat oleh IWK yang melibatkan fi lesen berjumlah RM565.84 juta. Antara sebab utama IWK memohon lesen pelanggaran adalah reka bentuk loji yang diambil alih sebelum tahun 1999 tidak dapat merawat sisa kumbahan ke tahap yang ditetapkan kerana ia dibina tanpa sebarang ketetapan garis panduan dan pembuangan efluen terlarang seperti minyak, gris dan bahan toksin. Bagaimanapun, adalah didapati permohonan lesen pelanggaran telah menurun iaitu daripada 1,710 permohonan pada tahun 2008 kepada 155 permohonan pada tahun 2011. Semakan selanjutnya mendapati jumlah fi terkumpul yang perlu dibayar setakat akhir tahun 2011 adalah berjumlah RM182.56 juta setelah mengambil kira pengecualian bayaran fi pelanggaran yang diluluskan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air pada 28 September 2011. Pengecualian bayaran fi pelanggaran melibatkan tempoh 1 Mei 2005 hingga 31 Disember 2009 berjumlah RM1.371 bilion. Kelulusan ini diberikan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Mei 2010. Butiran lanjut permohonan Lesen Pelanggaran oleh IWK adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 69.17
PERMOHONAN LESEN PELANGGARAN BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011

TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH FI YANG PERLU DIBAYAR (RM Juta)	
		TAHUN SEMASA	JUMLAH TERKUMPUL
Baki b/b	-	-	987.82
2008	1,710	373.89	1,361.71
2009	1,042	9.39	1,371.10
2010	383	166.80	1,537.90
2011	155	15.76	1,553.66
JUMLAH	**3,290**	**565.84**	**1,553.66**
PENGECUALIAN		**(1,371.10)**	**182.56**

Maklum Balas Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

IWK telah mengemukakan keperluan CAPEX kritikal berjumlah RM500 juta di dalam Pelan Perniagaan 3 Tahun kepada SPAN. CAPEX kritikal diperlukan untuk membaik pulih dan naik taraf semua aset kritikal supaya beroperasi mengikut standard yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, kerja baik pulih dan naik taraf aset pembetungan yang tidak berupaya merawat kumbahan ke standard yang ditetapkan perlu disegerakan agar efluen yang dilepaskan tidak mencemarkan alam sekitar.

b. Naik Taraf Dan Baik Pulih Sistem Pembetungan

Jabatan Kerja Kapital Dan Baik Pulih (Capital Work and Refurbishment Department - CWRD) bertanggungjawab untuk menguruskan semua projek naik taraf dan baik pulih sistem pembetungan. CWRD mengendalikan pelbagai projek pembetungan dengan menggunakan dana pinjaman sokongan Kerajaan yang diterima pada tahun 1995 dan 1997 dan juga subsidi yang diberikan oleh pihak Kerajaan. Bagi tempoh tahun 2008 hingga ke tarikh pengauditan iaitu pada bulan September 2011, sebanyak 70 projek bernilai RM92.48 juta telah dilaksanakan oleh CWRD. Projek yang dilaksanakan kebanyakannya merupakan kerja naik taraf, baik pulih dan pembaikan terhadap loji dan paip pembetungan sedia ada. Pecahan projek mengikut peruntukan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 69.18
PROJEK YANG DILAKSANAKAN DARI TAHUN 2008 HINGGA SEPTEMBER 2011

PERUNTUKAN	BILANGAN PROJEK	NILAI KONTRAK (RM Juta)
Pinjaman Mudah	60	73.00
Subsidi	10	19.48
JUMLAH	**70**	**92.48**

Daripada jumlah itu, 14 projek berjumlah RM30.64 juta telah dipilih untuk diaudit dan semakan Audit terhadap pengurusan projek tersebut mendapati perkara berikut:

i. Projek Tidak Dirancang Dengan Teliti

Bagi memastikan sesuatu projek dapat dilaksanakan dengan sempurna dan berjaya, perancangan yang teratur dan teliti dari semua aspek termasuk peruntukan kewangan, kesesuaian tapak, keperluan berurusan dengan PBT dan pihak ketiga yang lain hendaklah dilakukan sebelum tender ditawarkan kepada kontraktor. Berdasarkan analisis Audit, didapati 3 daripada 14 projek yang diaudit tidak dirancang dengan teliti seperti berikut:

- **Projek Naik Taraf Paip Pembetungan Utama Bagi Stesen Pam PEG129 Di Medan Lim Cheng Teik, Georgetown, Pulau Pinang**

  Surat Niat (LOI) bagi projek ini telah dikeluarkan kepada Kota Menara Ufuk Sdn. Bhd. pada 11 Disember 2008 dengan harga RM4.75 juta. Kontrak telah ditandatangani pada 23 Januari 2009 dan tempoh kontrak adalah selama 12 bulan bermula 15 Jun 2009 hingga 14 Jun 2010. Kerja naik taraf ini melibatkan penggantian paip pembetungan sepanjang 770 meter menggunakan dua kaedah pengorekan iaitu *Open Cut* dan *Pipe Jacking*.

Bagaimanapun, permohonan untuk mendapatkan Permit Menggali Jalan hanya dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada 3 Mac 2009 iaitu selepas kontrak ditandatangani dengan pihak kontraktor. MPPP melalui surat bertarikh 9 April 2009 meluluskan kerja pengorekan dengan menggunakan kaedah *Pipe Jacking* bagi keseluruhan kerja. Sehubungan itu pada 28 April 2009, IWK telah mengemukakan rayuan kepada MPPP di mana pada 28 Mei 2009 MPPP telah bersetuju untuk membenarkan kaedah *Open Cut* digunakan untuk sepanjang 236 meter dan *Pipe Jacking* untuk sepanjang 534 meter. Perbandingan kaedah yang diluluskan oleh MPPP berbanding dengan kontrak asal adalah seperti di **Jadual 69.19**. Bagi mematuhi Permit Menggali Jalan yang diluluskan oleh MPPP, pihak IWK telah mengeluarkan Arahan Perubahan Kerja yang mengakibatkan harga kontrak meningkat sebanyak RM1.10 juta iaitu daripada RM4.75 juta menjadi RM5.85 juta. Perubahan kaedah kerja ini bukan sahaja menyebabkan kos projek meningkat tetapi menyebabkan projek ini mengalami kelewatan selama 66 hari. Kontraktor telah menerima Perakuan Kerja Tidak Siap pada 8 Julai 2010 dan dikenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan berjumlah RM123,090. Projek ini telah diperakukan siap pada 19 Ogos 2010.

JADUAL 69.19
KAEDAH PENGOREKAN PAIP PEMBETUNGAN YANG DILULUSKAN OLEH MPPP

NAMA JALAN	KONTRAK ASAL		KELULUSAN MPPP (SELEPAS RAYUAN)	
	OPEN CUT (Meter)	PIPE JACKING (Meter)	OPEN CUT (Meter)	PIPE JACKING (Meter)
Medan Lim Cheng Teik	86	106	86	106
Jalan Burma	145	0	0	138
Jalan Pangkor	178	0	150	105
Jalan Perak	0	255	0	185
JUMLAH	**409**	**361**	**236**	**534**

Pada pendapat Audit, peningkatan kos dan juga kelewatan boleh dielakkan sekiranya segala aspek keperluan pihak MPPP dirujuk dan dibincangkan terlebih dahulu semasa peringkat perancangan iaitu sebelum tawaran tender dikeluarkan.

- **Projek Kerja Baik Pulih Paip Pembetungan Di Persiaran Kuala Selangor, Seksyen 26, Shah Alam, PJA114 Di Taman Kanagapuram, Petaling Jaya Dan Jalan PJS 2D/7 hingga PJA199 Taman Medan, Petaling Jaya, Selangor**

  LOI bagi kerja naik taraf ini telah dikeluarkan kepada Sercom (M) Sdn. Bhd. pada 16 Julai 2010 dengan harga RM5.67 juta. Kontrak ditandatangani pada 1 Disember 2010 dan tempoh kontrak adalah selama 15 bulan bermula dari 7 Oktober 2010 hingga 6 Januari 2012. Setakat bulan November 2011, projek ini telah terhenti dengan kemajuan kerja keseluruhan pada ketika itu adalah 45% berbanding 94% yang dijadualkan. Butiran lengkap komponen projek berserta kos adalah seperti di **Jadual 69.20**. Kelewatan ini berpunca daripada beberapa isu yang berbangkit selepas kontrak ditawarkan seperti tapak projek sedang digunakan oleh Jabatan Kerja Raya, penyediaan Laporan *Geotechnical*, paip sedia ada telah rosak, keperluan mengubah kabel milik TNB dan saiz paip sedia ada tidak sesuai. Kesemua isu ini memerlukan Arahan Perubahan Kerja Tambahan berjumlah RM5.38 juta.

JADUAL 69.20
KOMPONEN PROJEK

KOMPONEN	KOS (RM)
Kerja Awalan	337,358
Persiaran Kuala Selangor	3,862,500
Taman Kanagapuram	413,100
Taman Medan	915,400
Peruntukan Sementara	140,000
JUMLAH	**5,668,358**

- **Kerja Baik Pulih Paip Pembetungan Di Jalan SS15/8, SS13, Subang Jaya Dan Jalan TP5, Taman Perindustrian UEP Subang Jaya, Selangor**

  LOI bagi kerja naik taraf ini telah dikeluarkan kepada Mamfor Construction Sdn. Bhd. pada 17 September 2009 dengan harga RM2.41 juta. Kontrak ditandatangani pada 22 Mac 2010 dan tempoh kontrak adalah selama 12 bulan bermula dari 2 November 2009 hingga 1 November 2010. Sijil Lanjutan Masa (EOT) telah diluluskan sehingga 7 Januari 2011. Setakat bulan Disember 2011, projek ini masih tertangguh dengan kemajuan kerja keseluruhan 35% walaupun projek sepatutnya telah siap. Antara sebab projek ini tertangguh adalah kerana percanggahan antara *bill of quantity* dengan dokumen kontrak, kelewatan mendapatkan permit dari Lembaga Lebuhraya Malaysia bagi melintasi lebuh raya KESAS dan NPE, lurang pembetungan sedia ada runtuh, paip kumbahan sedia ada tidak dapat dikesan, dan kontraktor lewat menerima mesin yang ditempah.

Maklum Balas Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Pada masa akan datang IWK akan menjalankan kajian terperinci termasuk menjalankan kerja penyiasatan kedudukan utiliti sedia ada, kajian tanah dan sebagainya sebelum tender dipanggil.

Pada pendapat Audit, masalah sebegini boleh dielakkan sekiranya satu kajian terperinci mengenai tapak, laluan paip pembetungan, keadaan paip dan lurang pembetungan sedia ada dijalankan sebelum projek di tender. Tanpa kajian awal yang teliti, kos projek meningkat dan mungkin tidak dapat diteruskan. Akibatnya, objektif projek untuk mengatasi masalah paip pembetungan yang kerap tersumbat dan melimpah tidak tercapai.

ii. CPC Dikeluarkan Bagi Projek Yang Mana Komponen Utamanya Gagal Dalam Pengujian Dan Pentauliahan

Klausa 39, Syarat-syarat Kontrak menetapkan Perakuan Siap Kerja (CPC) hendaklah dikeluarkan apabila kerja telah siap secara praktikal seperti peruntukan dalam kontrak. Namun begitu, CPC hanya boleh dikeluarkan sekiranya sesuatu projek itu lulus peringkat pengujian dan pentauliahan serta ia boleh memberi manfaat sepenuhnya kepada pemilik projek. Semakan Audit terhadap projek *Proposed Construction And Completion Of Reinforced Concrete Partion Wall and Mechanical & Electrical Works At Sewage Treatment Plant (HLT217)* di Seksyen 9, Bandar Baru Bangi, Selangor mendapati CPC bagi projek ini telah dikeluarkan kepada Kejuruteraan Aditeknik (M) Sdn. Bhd. pada

31 Oktober 2011. Namun begitu, lawatan Audit pada 2 November 2011 dan 19 Januari 2012 mendapati satu komponen utama iaitu *FRP longitudinal collector flight (approximately 12 m length) come with UHMW Polyethylene wear shoes* yang bernilai RM237,600 masih belum dipasang. Ini menyebabkan *clarifier* tidak dapat digunakan dan proses rawatan kumbahan tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna kerana satu lagi *clarifier* turut mengalami kerosakan. Menurut rekod dan perbincangan dengan pihak IWK dan kontraktor, komponen berkenaan pernah dipasang tetapi ia didapati meleding/bengkok di bahagian tengah semasa pengujian dan pentauliahan dilakukan pada 17 Oktober 2011. Keadaan *FRP Longitudinal Collector Flight* yang meleding/bengkok ini menyebabkan *clarifier* tidak dapat berfungsi dengan baik. Setelah menyedari masalah ini, pihak kontraktor telah membuka semula komponen berkenaan. Pada 8 Disember 2011, kontraktor memaklumkan mereka akan mengimport *FRP Longitudinal Collector Flight* yang baru dan ia akan dibekalkan dalam masa 3 bulan. Namun begitu sehingga bulan April 2012, pemasangan FRP *Longitudinal Collector Flight* yang baru masih belum dilaksanakan menurut IWK.

Maklum Balas Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Kontraktor telah pun menyiapkan pemasangan FRP Longitudinal Collector Flight yang baru dan pengujian dan pentauliahan telah dilakukan pada 24 Mei 2012. Pada 11 Jun 2012, IWK telah membatalkan CPC yang dikeluarkan dan seterusnya mengeluarkan Perakuan Kerja Tak Siap (CNC) kepada kontraktor pada 14 Jun 2012. Berdasarkan CNC berkenaan, kontraktor dikehendaki membayar Ganti Rugi Yang Ditentu Dan Ditetapkan (LAD) mulai 1 November 2011 hingga tarikh siap sebenar.

Keadaan *clarifier* tersebut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 69.32



GAMBAR 69.33



HLT 217, Bandar Baru Bangi, Selangor

- FRP Longitudinal Collector Flight Masih Belum Dipasang Menyebabkan Clarifer Tidak Boleh Digunakan (19.01.2012)

- FRP Longitudinal Collector Flight Masih Belum Dipasang (02.11.2011)

GAMBAR 69.34



GAMBAR 69.35



HLT 217, Bandar Baru Bangi, Selangor

- FRP Longitudinal Collector Flight Dipasang Selepas Lawatan Audit (Sumber Gambar : IWK)

Pihak Audit berpendapat sekiranya sesuatu komponen gagal berfungsi dengan baik semasa pengujian dan pentauliahan, Perakuan Siap Kerja tidak wajar dikeluarkan. Sehubungan itu, komponen berkenaan adalah komponen utama bagi membolehkan *clarifier* berfungsi dan tanpanya IWK masih belum mendapat manfaat daripada projek berkenaan.

c. Pengurusan Pelanggan

i. Bil Kepada Pelanggan Berdasarkan Anggaran

Semakan Audit mendapati bil yang dikeluarkan oleh IWK kepada premis Kerajaan dan komersial adalah berdasarkan anggaran. Perkara ini berlaku kerana IWK hanya akan memperoleh maklumat penggunaan air dan nilai tahunan premis pada tahun berikutnya. Contohnya, maklumat penggunaan air tahun 2011 hanya akan diperoleh pada tahun 2012. Sehubungan itu, bil pembetungan pada tahun 2011 tidak menggunakan maklumat penggunaan air sebenar, sebaliknya menggunakan maklumat purata penggunaan air bulanan di premis itu dalam masa 12 bulan yang terdahulu. Apabila maklumat penggunaan air tahun 2011 diterima, pelarasan akan dibuat menggunakan maklumat berkenaan. Di samping itu, pihak IWK perlu meminda bil pembetungan setiap kali pelanggan mengemukakan bil air semasa. Manakala pegawai yang bertanggungjawab menjelaskan bil bagi premis baru tidak akan dipinda walaupun maklumat penggunaan air tahun 2011 telah diterima. Ini bermakna premis berkenaan tidak akan dikenakan caj tambahan walaupun penggunaan air melebihi 100m³. Contohnya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 69.21
CONTOH BIL PEMBETUNGAN TAHUN 2011 BAGI PREMIS KOMERSIAL BARU

PEJABAT OPERASI	NO. LOJI	TARIKH AMBIL ALIH LOJI	BIL. PREMIS	TARIKH MULA BIL	CAJ BULANAN		CATATAN
					CAJ TETAP (RM)	CAJ PENGGUNAAN AIR (RM)	
Labuan	LAN 036	12.11.2010	16	01.01.2011	8.00	-	• Caj tetap RM8 adalah berdasarkan caj minimum bagi premis dengan nilai tahunan tidak melebihi RM2,000 kerana maklumat sebenar nilai tahunan belum diperoleh. • Tiada caj penggunaan air kerana premis ini baru dan tiada maklumat penggunaan air bagi tahun sebelumnya.
Pulau Pinang	PEG 237	11.11.2010	17	01.06.2011	8.00	-	
	PEG 238	25.03.2011	1	01.09.2011	8.00	-	
			1	01.11.2011	8.00	-	

ii. Kos Mendapatkan Maklumat Untuk Tujuan Bil

Semakan Audit mendapati Syarikat Bekalan Air/Pihak Berkuasa Air Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan telah mengemukakan tuntutan kepada IWK bagi maklumat penggunaan air dan nilai tahunan premis berjumlah RM3.33 juta. Tuntutan yang dikemukakan ini bercanggah dengan keputusan Kabinet supaya maklumat tersebut diberikan secara percuma kepada IWK. Caj ini juga didapati tidak seragam dan tiada garis panduan atau peraturan yang menetapkan syarat dan terma berkaitan perkara ini. **Pada pendapat Audit, SPAN sebagai *regulator* industri perkhidmatan air perlu menyelaras perkara ini. Jika *joint billing* dapat membantu masalah penggunaan maklumat anggaran semasa bil dihantar kepada pelanggan, maka pelaksanaannya perlu disegerakan. Sehubungan itu, IWK perlu memantau perkara ini bagi memastikan syarikat tidak kehilangan pendapatan secara berterusan dan memudahkan urusan bil.**

iii. Pengurusan Tunggakan Hasil

- Peraturan 7, Peraturan-peraturan Perkhidmatan Pembetungan (Caj) 1994 menetapkan pengguna hendaklah menjelaskan caj bulanan pembetungan yang ditunjukkan di dalam bil dalam masa 14 hari dari tarikh bil itu. Bagaimanapun sejak penubuhannya, IWK menghadapi masalah untuk menuntut hutang daripada pelanggan. Setakat 31 Disember 2011, sejumlah RM756.60 juta hutang pelanggan masih tertunggak yang melibatkan 2,975,699 akaun. Daripada jumlah itu, RM549.08 juta (72.6%) telah tertunggak melebihi 12 bulan. Pelanggan domestik merupakan penghutang paling besar iaitu RM459.38 juta (60.7%) daripada keseluruhan penghutang. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 69.22
KEDUDUKAN TUNGGAKAN HASIL SEHINGGA 31 DISEMBER 2011

KATEGORI PENGHUTANG	AMAUN TERTUNGGAK					PERATUSAN (%)
	KURANG DARI 3 BULAN (RM Juta)	MELEBIHI 3 BULAN (RM Juta)	MELEBIHI 6 BULAN (RM Juta)	MELEBIHI 12 BULAN (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	
Komersial	22.64	15.35	18.20	187.82	244.01	32.3
Kerajaan	1.01	3.77	2.94	42.74	50.46	6.7
Industri	(0.26)*	(0.13)*	(0.07)*	3.83	3.37	0.4
Domestik	65.72	37.28	43.32	313.06	459.38	60.7
*Non-billable***	(1.18)	(0.40)	(0.67)	1.63	(0.62)	(0.1)
JUMLAH	**87.93**	**55.87**	**63.72**	**549.08**	**756.60**	**100.0**
PERATUSAN (%)	**11.6**	**7.4**	**8.4**	**72.6**	**100.0**	

Nota : ***(*) Baki Kredit Pelanggan***
(**) Non-Billable Adalah Akaun Pelanggan Yang Telah Ditutup Akibat Premis Dirobohkan, Ditinggalkan Dan Pelanggan Persendirian, Baki Kredit Pula Menunjukkan Baki Kredit Pelanggan Akibat Pembatalan Bil

- Antara sebab utama IWK gagal memungut hutang adalah kerana keengganan pelanggan untuk menjelaskan bayaran caj pembetungan dan tiada tindakan penguatkuasaan. Seksyen 89(2), AIPA 2006 menetapkan pemegang lesen pengagihan air boleh memotong bekalan air jika pemilik, penghuni atau pengguna tidak menjelaskan amaun bagi perkhidmatan pembetungan yang diberikan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penyerahan bil. Namun, didapati pelaksanaannya masih di peringkat perbincangan. Pada tahun 2006, IWK telah memulakan perbincangan untuk pelaksanaan Bil Bersepadu (Joint Billing) dengan syarikat bekalan air di mana pada bulan Mac 2010, cadangan untuk memulakan inisiatif Bil Bersepadu telah dikemukakan kepada Syarikat Air Johor. Bagaimanapun sehingga kini, IWK masih belum menerima sebarang jawapan mengenai perkara ini. Sehubungan itu, IWK telah mengambil langkah berikut untuk menuntut tunggakan hasilnya.

  - Sepanjang tempoh tahun 2008 hingga 2011, IWK telah mengambil tindakan undang-undang terhadap 53,167 pelanggan yang melibatkan tuntutan berjumlah RM105.19 juta. Daripada jumlah tersebut, 19,391 (36.5%) kes telah berjaya diselesaikan dengan tuntutan berjumlah RM39.01 juta (37.1%) manakala 396 kes telah dipersetujui untuk bayaran secara ansuran. Butiran lengkap adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 69.23
STATISTIK KES TUNTUTAN HUTANG DI MAHKAMAH BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2011

TAHUN	KATEGORI PELANGGAN	AMAUN TUNTUTAN		SELESAI		BAYARAN ANSURAN		MASIH MENUNGGU KEPUTUSAN MAHKAMAH	
		BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)
2008	Komersial	8,542	20.25	4,958	11.38	5	0.01	3,579	8.87
	Domestik	3,766	4.08	1,350	1.46	7	0.01	2,409	2.61
2009	Komersial	4,903	12.72	2,455	7.95	13	0.48	2,435	4.28
	Domestik	11,650	11.82	4,618	4.43	45	0.05	6,987	7.34
2010	Komersial	6,630	32.99	1,556	8.62	206	2.05	4,868	22.32
	Domestik	10,554	7.81	3,876	2.82	17	0.01	6,661	4.97
2011	Komersial	79	8.49	28	1.85	3	1.57	48	5.08
	Domestik	7,043	7.03	550	0.50	100	0.10	6,393	6.43
JUMLAH		**53,167**	**105.19**	**19,391**	**39.01**	**396**	**4.28**	**33,380**	**61.90**

- Agensi pengutip hutang telah dilantik bagi mengutip tunggakan hasil yang melebihi 90 hari daripada pelanggan komersial dan industri. Kadar komisen yang dibayar kepada agen pengutip hutang adalah antara 15 hingga 20% daripada jumlah hutang yang berjaya dikutip. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011, sejumlah RM234.98 juta tuntutan hutang telah berjaya dikutip oleh agensi pengutip hutang. Daripada jumlah itu, RM43.78 juta (18.6%) telah dibayar kepada agensi pengutip hutang sebagai bayaran komisen.

Pada pendapat Audit, pihak IWK dan SPAN perlu bekerjasama dalam menangani masalah ini. Mekanisme penguatkuasaan yang lebih berkesan perlu dirangka dan dilaksanakan selain usaha berterusan untuk memberi kesedaran kepada pengguna tentang kepentingan menjelaskan bil pembetungan.

69.5.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, IWK telah menetapkan polisi dan menggariskan beberapa peraturan untuk dipatuhi seperti di jadual berikut:

JADUAL 69.24
POLISI DAN PERATURAN YANG DITETAPKAN OLEH IWK

PERATURAN YANG DITETAPKAN	CATATAN
Tata Kelakuan (Code of Conduct)	Merangkumi aspek penggunaan harta dan sumber syarikat, konflik kepentingan, gangguan seksual, pengurusan maklumat sulit, *breach of trust and confidence* dan *abuse/misuse of position*.
Perisytiharan Harta	Semua kakitangan eksekutif dikehendaki mengisytiharkan harta dan tanggungan mereka pada setiap 3 tahun.
Konflik Kepentingan	Semua kakitangan eksekutif dikehendaki mengisytiharkan kepentingan mereka di dalam mana-mana syarikat selain IWK. Perisytiharan ini hendaklah dibuat pada setiap 3 tahun.
Kod Etika (CWRD)	Menjelaskan kod etika untuk kakitangan eksekutif di CWRD yang terlibat dengan kontraktor.
Financial Authority Limits dan Garis Panduan Tender	Menjelaskan had dan kuasa berkaitan urusan kewangan.

Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan IWK telah mematuhi peraturan yang ditetapkan.

69.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

69.6.1. Lembaga Pengarah perlu memastikan pencapaian syarikat dikaji dari semasa ke semasa dan memantau secara berterusan pengurusan operasi dan kewangan agar objektif syarikat tercapai, di samping meningkatkan mutu perkhidmatan.

69.6.2. Pihak Pengurusan IWK perlu lebih proaktif dalam menyusul status pelaksanaan Bil Bersepadu dan masalah kos pengurusan tangki septik komunal demi melindungi kepentingan dan kedudukan kewangan IWK.

69.6.3. Pihak SPAN sebagai *regulator* industri perkhidmatan air perlu memantau status berkaitan maklumat penggunaan air dalam bil pembetungan. Satu garis panduan yang jelas hendaklah disediakan bagi memudahkan maklumat diperoleh dengan kos yang seragam.

69.6.4. Pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Kementerian Kewangan dan SPAN hendaklah secara bersama memberi pertimbangan dalam menyokong permohonan IWK mengenai kadar tarif pembetungan negara bagi memastikan kadar tersebut adalah bersesuaian dengan keadaan semasa.

69.6.5. Pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Jabatan Alam Sekitar serta agensi berkaitan hendaklah bekerjasama dengan IWK bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan sistem pembetungan awam.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 569-578
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

70. RUMUSAN TERHADAP PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN SECARA MENYELURUH

Berdasarkan kepada analisis terhadap prestasi kewangan syarikat Kerajaan secara menyeluruh, didapati sebilangan syarikat telah menunjukkan prestasi yang baik dan mencatat keuntungan secara berterusan. Bagaimanapun, masih ada sebilangan syarikat yang tidak menunjukkan prestasi yang boleh dibanggakan di mana ada yang rugi berterusan setiap tahun ataupun memperolehi keuntungan yang tidak konsisten. Ini mengakibatkan sebilangan besar syarikat tidak dapat memberi pulangan yang dijangkakan oleh Kerajaan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian Kewangan mempertingkatkan pemantauan terhadap pengurusan syarikat Kerajaan bagi memastikan matlamat Kerajaan mewujudkan syarikat tersebut dapat dicapai. Selain itu, wakil Kementerian Kewangan dalam semua Lembaga Pengarah syarikat perlu mengemukakan Laporan Prestasi Pengurusan ke Bahagian Menteri Kewangan Diperbadankan untuk dianalisis. Bagi membolehkan wakil Kerajaan menjalankan tugasnya dengan berkesan, keahlian mereka dalam Lembaga Pengarah syarikat dihadkan selaras dengan kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1985. Pemilihan wakil Kerajaan juga perlu berdasarkan kepada pengalaman dan kepakaran mereka berkaitan dengan urusan syarikat.

BAHAGIAN III

TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI TERHADAP SYOR YANG DIKEMUKAKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2010 - KEDUDUKAN SETAKAT 30 APRIL 2012

BAHAGIAN III

TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI TERHADAP SYOR YANG DIKEMUKAKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2008 HINGGA 2010 – KEDUDUKAN SETAKAT 30 APRIL 2012

71. PENDAHULUAN

Jabatan Audit Negara komited membantu Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan dengan memantau kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008 hingga 2010 dengan mengemukakan sejumlah 721 syor yang merangkumi 174 syor pada tahun 2008, 250 syor pada tahun 2009 dan 297 syor pada tahun 2010. Semakan susulan yang dijalankan terhadap syor tersebut mendapati setakat 30 April 2012, Kementerian/Jabatan/ Syarikat Kerajaan/pihak lain yang terlibat telah mengambil tindakan susulan terhadap kesemua 174 syor bagi tahun 2008, 244 (97.6%) syor bagi tahun 2009 dan 223 (75.1%) syor bagi tahun 2010. Baki 74 syor bagi tahun 2010 dan 6 syor bagi tahun 2009, pihak yang bertanggungjawab masih belum selesai mengambil tindakan susulan dan butirannya adalah seperti di perenggan 72 dan 73. Sehubungan itu, Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan dan lain-lain pihak yang terlibat adalah digesa untuk mengambil tindakan segera bagi memperbetulkan kelemahan yang dibangkitkan dengan melaksanakan syor yang telah diberi oleh Jabatan Audit Negara.

72. TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI BERKAITAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2010

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
72.1. JABATAN PERDANA MENTERI		
72.1.1. UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN ***- Pengurusan Program Pembasmian Kemiskinan***		
1	Seramai 3 peserta projek peningkatan ekonomi tahun 2008 tidak mengetahui bahawa mereka terlibat dalam projek ini, tiada sebarang bantuan diterima serta PPPN dan YPK Terengganu tidak pernah membuat lawatan ke rumah mereka. Bagaimanapun, YPK Terengganu dan peserta telah mengesahkan terimaan barangan/peralatan/ternakan bernilai RM29,430 dan dibayar penuh oleh PPPN Terengganu. Tandatangan yang terdapat pada akuan penerimaan tersebut adalah berbeza dengan tandatangan sebenar peserta.	Siasatan oleh pihak YPKT dan SUK mendapati pegawai terlibat tidak melakukan sebarang kesalahan dan tiada sebarang tindakan undang-undang/tatatertib diambil ke atasnya. Bagaimanapun, Jawatankuasa Audit tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh YPKT kerana berpendapat kecuaian telah berlaku disebabkan barang tidak diterima oleh peserta. Selain itu, tiada tindakan diambil terhadap pembekal yang tidak mematuhi peraturan Kerajaan. Projek telah diserah kepada SPRM untuk siasatan lanjut.
2	Bekalan/peralatan tidak diterima sepenuhnya seperti yang dinyatakan dalam butiran tuntutan. Bagaimanapun, pengesahan penerimaan telah dibuat oleh pegawai YPK/Pejabat Daerah dan bayaran telah dibuat.	
3	Pembekal projek jualan langsung jenama Tupperware telah membuat tuntutan bernilai RM9,805 dan telah dibayar. Harga dalam invois adalah lebih tinggi berbanding harga yang dinyatakan dalam katalog Tupperware. Selain itu pembekal juga memperolehi diskaun 25% daripada harga katalog. Perkiraan Audit harga sebenar adalah RM4,221 iaitu 132.3% lebih rendah.	Projek masih dalam siasatan SPRM dan laporan siasatan SPRM masih belum diterima.

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
4	Projek pembuatan baja bernilai RM222,000 di Besut, Terengganu tidak dibeli oleh syarikat yang menjadi mentor. Pengeluaran kuantiti baja yang tidak menentu/berjadual menyumbang kepada masalah ini. Peserta KIR/AIR tidak diberi latihan supaya berusaha mencari pasaran sendiri setelah berkeyakinan dengan kemahiran.	Peralatan dan bahan mentah masih lagi terbiar. Tiada sebarang latihan diberikan kepada peserta yang terlibat.
5	i. Perjanjian Projek Tanaman Serai di Padang Terap, PPPN Kedah yang dimeterai antara pihak Kerajaan (PPPN Kedah) dan pihak mentor tidak disetemkan. Selain itu, kandungan perjanjian tersebut tidak dinyatakan kadar pembahagian untung dan rugi, hak penggunaan peralatan dan denda. ii. Empat projek *Champion* di Selama, Perak diusahakan oleh mentor tanpa penglibatan peserta walaupun peserta dibayar dividen. Perjanjian yang dimeterai antara Pejabat Daerah dan mentor juga tidak menyatakan kadar dan tempoh pemberian dividen.	Tiada sebarang perjanjian baru yang ditambah nilai bagi projek-projek berkenaan.
72.2. KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI		
72.2.1. Pengurusan Skim Insentif Peningkatan Hasil Padi		
1	Seramai 73,291 pesawah masih belum dibayar insentif sejumlah RM110.67 juta.	Kementerian telah memperolehi peruntukan tambahan dan mengagihkannya kepada BERNAS. Bagaimanapun pihak BERNAS masih dalam proses membayar insentif kepada kesemua pesawah yang terlibat.
2	Sehingga bulan September 2010, BERNAS masih dalam proses menyiasat 11,713 kes peningkatan hasil melebihi 10% daripada anggaran hasil. Daripada 11,713 kes ini, sebanyak 4,457 (38.1%) adalah kes tahun 2007 hingga 2009, iaitu kes siasatan yang belum selesai selepas tempoh satu tahun.	Sebanyak 1,290 kes (28.9%) bagi tempoh 2007 hingga 2009 telah diselesaikan, manakala 3,167 kes belum selesai.
72.2.2. Projek Pusat Fidlot Nasional		
1	*Entrepreneur Development Programme* belum dilaksanakan oleh NFCorp untuk melahirkan 130 pengusaha ladang satelit dan draf *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi program tersebut masih belum dimuktamadkan.	Pihak Kerajaan telah mengambil beberapa langkah mengkaji semula hala tuju projek ini di samping mengkaji kemungkinan mengambil tindakan sivil terhadap NFCorp dan mendapatkan semula pinjaman yang telah diberikan kepada syarikat tersebut. Beberapa siri perbincangan telah pun diadakan oleh pihak Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama-sama dengan Jabatan Peguam Negara untuk meneliti tindakan-tindakan sesuai yang boleh diambil oleh Kerajaan terhadap NFCorp. Keputusan mengenai hala tuju projek PFN ini masih lagi diteliti oleh Kementerian Kewangan dan akan dibincangkan bersama dengan Jabatan Peguam Negara untuk pertimbangan selanjutnya oleh pihak Kerajaan. Bagaimanapun, keputusan mengenai hala tuju projek ini masih belum diputuskan oleh Kerajaan.
2	Pembayaran baki geran berjumlah RM6.48 juta ditangguhkan sehingga Kajian *Viability and Business Model Project* yang disiapkan pada 5 April 2011 dan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan.	
3	Obligasi Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani membangunkan *abattoir* berkapasiti sembelihan 350 ekor sehari ditangguhkan sehingga Kajian *Viability and Business Model Project* dijalankan.	
4	Obligasi NFCorp yang dinyatakan dalam Perjanjian Pelaksanaan untuk membina kilang makanan ternakan dan kilang bio-gas masih belum dilaksanakan.	
5	Kawasan seluas 500 ekar serta kemudahan infrastruktur yang dibina di kawasan yang ditawarkan kepada Lamberts masih belum digunakan.	
6	Kemudahan infrastruktur seperti kolam takungan, jalan masuk, pagar berangkai dan jalan perimeter tidak disenggarakan dengan memuaskan oleh NFCorp dan Kementerian.	
72.2.3. Projek Pembaikan Dan Menaik Taraf Kompleks Pendaftaran Ikan/Jeti Nelayan Dan Jalan Ladang		
1	Dua daripada 4 projek di bawah Program Pembaikan dan Menaik Taraf Kompleks Pendaratan Ikan Dan Jeti Nelayan masih belum disiapkan sungguhpun laporan prestasi kewangan bagi program tersebut menunjukkan perbelanjaan telah mencapai 100%.	i. Projek Kompleks LKIM Kuala Sanglang, Kedah dijangka siap pada bulan Mei 2012 setelah diberi lanjutan masa sebanyak 2 kali. ii. Projek Kompleks Kuala Kedah, Kedah dijangka siap pada 31 Ogos 2012 setelah diberi lanjutan masa sebanyak 2 kali.

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
72.3. KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR		
	72.3.1. JABATAN TAMAN LAUT ***- Pengurusan Perolehan Bot Aluminium All Weather Untuk Aktiviti Penguatkuasaan***	
1	Tiada bukti JTLM telah membuat kajian pasaran sewajarnya. Terdapat perbezaan harga yang ketara antara 177% hingga 2,805% terhadap kadar harga yang ditetapkan dalam kontrak berbanding anggaran harga pasaran.	Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan pada 3 November 2011. Laporan jawatankuasa telah dimaklumkan kepada YB Menteri pada 30 November 2011. Laporan akhir jawatankuasa telah dikemukakan kepada KSU dan JPA pada 9 Disember 2011. Status terkini masih dalam pertimbangan pihak JPA untuk melaksanakan tindakan surcaj/tatatertib seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Penyiasat. Selain itu, JTLM diminta memperkemaskan sistem pengurusan perolehannya.
72.4. KEMENTERIAN KERJA RAYA		
	72.4.1. Projek Pembinaan Jambatan Sungai Padas Kedua, Beaufort, Sabah	
1	Kontraktor tidak membina pejabat untuk Pegawai Penguasa dan Pejabat Tapak yang diperuntukkan sejumlah RM130,000 dan RM200,000 masing-masingnya seperti ditetapkan di dalam kontrak, sebaliknya kontraktor telah menyewa 2 rumah kedai dengan sewa bulanan berjumlah RM1,500 dan RM1,000 untuk tujuan tersebut. Kontraktor juga telah menyewa 3 buah kontena sebagai pejabat sementara untuk Pegawai Penguasa dan kontraktor dengan kadar sewa berjumlah RM2,400 sebulan. Bagaimanapun, kontraktor telah membuat tuntutan pembayaran bagi pembinaan pejabat untuk Pegawai Penguasa dan Pejabat Tapak untuk kontraktor berjumlah RM104,000 dan RM160,000 masing-masingnya.	Perkara ini telah dirujuk kepada Bahagian Ukur Bahan bagi menentukan kaedah pembayaran kepada kontraktor. Bagaimanapun, pihak Audit belum dapat memastikan jumlah sebenar yang boleh dibayar kepada pihak kontraktor kerana Akaun Muktamad belum disediakan dan projek hanya siap 99% sahaja.
72.5. KEMENTERIAN PENGANGKUTAN		
	72.5.1. Projek Sistem Pengendalian Bagasi Di Kuala Lumpur International Airport Ke Keretapi Berkelajuan Tinggi (ERL)	
1	Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL bagi perkhidmatan *check-out* masih belum beroperasi disebabkan oleh isu komersial dan perundangan yang belum diselesaikan antara pengendali lapangan terbang iaitu MAHB, Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dan ERLSB.	Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu *Baggage Handling System-Express Rail Link* (BHS-ERL) *Check-Out* yang diadakan pada 20 April 2012, MAS memaklumkan ia tidak berminat untuk menggunakan Sistem BHS-ERL *Check-Out.* Mesyuarat bersetuju supaya isu ini dibentangkan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri untuk pertimbangan selanjutnya.
	72.5.2. JABATAN PENGANGKUTAN JALAN ***- Projek Pembinaan Pejabat Teknologi Maklumat Di Cyberjaya***	
1	JPJ menetapkan tahap keselamatan tertinggi diperlukan khas bagi Pusat Data JPJ (Blok B). Bagaimanapun, berdasarkan peraturan Majlis Perbandaran Sepang, pemasangan pagar tidak dibenarkan di sekeliling bangunan sekitar kawasan Cyberjaya.	Kementerian Pengangkutan telah mengemukakan permohonan JPJ untuk pembinaan pagar ke Unit Perancang Ekonomi (UPE) pada 30 November 2011 dan 1 Mac 2012. Kelulusan daripada UPE masih belum diperolehi.
2	Pintu keluar/masuk ke koridor perkhidmatan *utility* (service corridors) seperti Tenaga Nasional, Telekom Malaysia dan semua penempatan alat kelengkapan mekanikal dan elektrik adalah tidak kukuh di mana ia diperbuat dari aluminium yang nipis. Memandangkan PTM JPJ menempatkan Pusat Data JPJ yang mana aspek keselamatan perlu di tahap tertinggi, langkah mengisytiharkan PTM JPJ sebagai tempat larangan hendaklah dilakukan segera.	Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Selangor telah mengemukakan permohonan JPJ ke Ibu Pejabat, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia di Putrajaya pada 2 Mac 2012. Bagaimanapun, kelulusan belum diperolehi.

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
72.6. KEMENTERIAN PELAJARAN		
	72.6.1. Projek Sistem Pembekalan Air Bersih Untuk Sekolah Luar Bandar Di Semenanjung Malaysia	
1	Pada tarikh akhir lanjutan masa, Rossington hanya mencapai 99% prestasi fizikal secara keseluruhan untuk 110 projek yang dilaksanakannya. Bagaimanapun, Rossington masih belum menyerahkan 46 projek (41.8%) kepada pihak pengurusan sekolah.	Sebanyak 46 projek masih belum diserah di mana 38 projek belum diserah kerana terdapat masalah penyambungan kuasa elektrik. Kementerian telah mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama kontraktor dan TNB-ES pada 27 Mac 2012 untuk menyelesaikan masalah ini. Manakala 8 projek yang lain mempunyai masalah ketika TNC dan sehingga kini tiada tindakan susulan diambil. Bagi projek yang gagal diserahkan Kementerian telah memohon maklum balas dari pihak kontraktor melalui surat bertarikh 4 Mei 2012.
2	Rossington telah membekalkan genset baru kepada 5 sekolah walaupun pembekalan genset ini tidak termasuk dalam kontrak asal. Bagaimanapun sehingga tarikh lawatan Audit, kelulusan daripada Penguasa Projek berhubung pembekalan genset ini masih belum diperolehi.	Permohonan kontraktor ke atas bayaran genset yang dibekalkan telah dipersetujui oleh Jawatankuasa PHK/APK/WPS/KKS melalui Mesyuarat Arahan Perubahan/Pelarasan Harga Kontrak pada 12 April 2012 dan telah diangkat kepada Lembaga Perolehan (Kerja) Kementerian kerana melebihi had kuasa Jawatankuasa. Bagaimanapun, pihaknya masih menunggu kelulusan Lembaga Perolehan (Kerja) Kementerian.
	72.6.2. Projek Makmal Komputer Sekolah	
1	Lapan makmal komputer Sekolah Bestari di 3 negeri masih belum dapat disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan satu belum dimulakan.	Enam projek makmal komputer Sekolah Bestari telah siap dari segi fizikal dan dalam proses melengkapkan kehendak tambahan iaitu *fire hydrant* daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kontraktor asal telah ditamatkan kontrak pada 20 Disember 2010. Kementerian akan memulakan proses tender semula bagi melantik kontraktor penyiap iaitu pada minggu kedua Jun 2012.
72.7. KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA		
	72.7.1. Pengurusan Kuarters	
1	Sebanyak 73 unit kuarters (6.4%) tidak diduduki antara satu hingga 5 tahun, 22 unit (1.9%) untuk 6 hingga 11 tahun dan 15 (1.3%) unit tidak diduduki bagi tempoh melebihi 12 tahun. Manakala maklumat tempoh tidak diduduki tidak diperolehi bagi baki 24 (2.1%) unit kuarters.	Tindakan mewajibkan pegawai berkenaan untuk menduduki kuarters masih belum dilaksanakan.
2	Pegawai Perubatan yang diperuntukkan Rumah Khas Jabatan tidak tinggal di kuarters tersebut dan potongan ITP juga tidak dibuat terhadap mereka. Ini disebabkan Pegawai Perubatan berkaitan tidak dimaklumkan secara bertulis oleh pihak pengurusan. Jumlah potongan ITP yang tidak dibuat dianggarkan berjumlah RM153,000.	Kuarters Pegawai Perubatan di KK Kodiang tidak boleh diduduki kerana rosak, uzur dan usang. Manakala surat arahan dan makluman bayaran balik elaun yang tidak layak diterima telah dikeluarkan dan telah menetapkan supaya Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan pemotongan ITP, Bantuan Sara Hidup atau Elaun Perumahan Wilayah.
	72.7.2. Aktiviti Rawatan Rehabilitasi	
1	Ruang rawatan bagi aktiviti rawatan rehabilitasi di Unit Rehabilitasi, Poliklinik Seri Kembangan sempit kerana Unit ini ditempatkan di bangunan yang dikongsi bersama dengan Unit Pergigian Sekolah dan Stor Pergigian. Kedudukan meja di ruang pendaftaran sentiasa diubah bagi menyesuaikan dengan rawatan yang dijalankan di ruang terbuka.	Perancangan untuk menaik taraf fasiliti yang ada sentiasa diberi keutamaan, tertakluk kepada keupayaan peruntukan Belanja Mengurus/ Pembangunan yang diterima. KKM sedang berusaha untuk mendapatkan peruntukan bagi menaik taraf fasiliti yang dimaksudkan itu.
2	Seramai 18 kes pesakit di Hospital Kuala Lumpur, Hospital Serdang, Hospital Sungai Buloh dan Hospital Tuanku Ja'afar diberi kelulusan melebihi kadar yang ditetapkan iaitu antara RM8,800 hingga RM13,500 dengan lebihan RM17,010.	Cadangan untuk meminda Garis Panduan Bekalan Alat Implan/Prostesis telah dibincangkan semasa Mesyuarat Pakar-pakar Perubatan Rehabilitasi Bil. 2 Tahun 2011 pada 2 Disember 2011. Lanjutan daripada itu, satu bengkel akan dilaksanakan dalam masa terdekat bagi tujuan tersebut.

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
3	Bayaran RM708,220 bagi perolehan peralatan Jabatan Rehabilitasi, Hospital Queen Elizabeth pada tahun 2007 dibuat lebih awal sebelum peralatan diterima.	Satu Jawatankuasa Siasatan Khas telah ditubuhkan pada 19 Mei 2011 bagi menyiasat perkara ini. Berdasarkan laporan siasatannya, Kementerian sedang dalam proses mengenakan tindakan tatatertib ke atas dua orang pegawai yang dikenal pasti.
4	Sehingga 31 Disember 2010, tindakan untuk menutup Pusat Anggota Tiruan masih belum diambil dan pusat ini masih terus beroperasi. Selain itu, bekalan bagi peralatan prostesis telah diperolehi melalui pembelian terus manakala bagi peralatan ortotik bekalan dibuat sendiri (handmade) melalui bengkel yang masih beroperasi di Hospital Kuala Lumpur, Hospital Serdang dan Hospital Sungai Buloh.	Pusat Anggota Tiruan ini tidak lagi membuat peralatan prostesis kecuali ortosis khususnya untuk pesakit yang tidak mampu membayar peralatan yang dijual di pasaran. KKM telah mengkaji semula keputusan penutupan sebelum ini dan mendapati ia kurang menguntungkan Kerajaan dan pesakit. Oleh itu, satu draf kertas kerja untuk menubuhkan Bengkel Prostesis dan Ortosis yang lebih sistematik di Hospital Rehabilitasi Cheras sedang dikemas kini berdasarkan Mesyuarat Pakar-pakar Perubatan Rehabilitasi Bil. 2/2011 yang telah diadakan pada 2 Disember 2011.
72.7.3. Pembinaan Klinik Desa Dan 2 Unit Kuaters Kelas G (KD2G)		
1	Sehingga 31 Disember 2010, 13 projek (15.3%) daripada 85 projek masih belum diserahkan.	Tinggal satu projek di Zon Sabah yang melibatkan satu blok kuarters 2F dan 4G yang belum diserahkan kerana terdapat kerja-kerja membaiki cerun runtuh yang akan dilaksanakan oleh JKN Sabah secara sebut harga.
2	EOT 1 dan 2 bagi semua zon diluluskan antara 34 hingga 413 hari selepas tarikh akhir penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak. Manakala EOT 2 bagi Zon Utara dan Zon Tengah telah dibuat selepas 16 dan 11 hari dari tarikh lanjutan masa tersebut tamat.	Berdasarkan laporan oleh Jawatankuasa Siasatan yang ditubuhkan pada 19 Mei 2011, KKM sedang dalam proses mengenakan tindakan tatatertib ke atas pegawai yang dikenal pasti terlibat.
3	Bagi kontrak Zon Sarawak, Pegawai Penguasa pada 30 Mac 2009 telah mengeluarkan CNC kepada kontraktor dan mengenakan LAD sebanyak RM1,585.40 sehari. Bagaimanapun pada 30 April 2009, Wakil Pegawai Penguasa telah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja pada 3 Mac 2009. Dengan itu, LAD tidak boleh dikenakan kepada kontraktor. Berdasarkan perkiraan Audit LAD yang boleh dikenakan sehingga 30 Mac 2009 adalah berjumlah RM42,805.	Berdasarkan laporan oleh Jawatankuasa Siasatan yang ditubuhkan pada 19 Mei 2011, KKM sedang dalam proses mengenakan tindakan tatatertib ke atas pegawai yang dikenal pasti terlibat.
4	Setakat 14 Januari 2011 semua kontraktor kecuali Zon Sarawak boleh dikenakan LAD berjumlah RM3.29 juta kerana lewat menyiapkan projek. Bagaimanapun, KKM lewat mengeluarkan EOT atau CNC kepada kontraktor menyebabkan ia tidak lagi boleh dikuatkuasakan kerana masa bukan lagi menjadi teras kepada kontrak. Kontraktor hanya bertanggungjawab untuk menyiapkan kerja dalam tempoh yang munasabah (time is at large).	Berdasarkan laporan oleh Jawatankuasa Siasatan yang ditubuhkan pada 19 Mei 2011, KKM sedang dalam proses mengenakan tindakan tatatertib ke atas pegawai yang dikenal pasti terlibat.
5	KKM telah memasukkan keperluan pembayaran lesen bagi menggunakan sistem Executive Dashboard (ED) dalam kontrak projek KD2G dengan peruntukan sejumlah RM0.54 juta. Memandangkan Kementerian tidak mempunyai perjanjian dengan syarikat Insynchro bagi penggunaan sistem ED tersebut, tindakan Kementerian memperuntukkan bayaran lesen kepada Insynchro adalah diragui. Selain itu, di Zon Selatan, Timur dan Sarawak, kontraktor juga dibenarkan mengenakan caj bagi *profit attendance* sebanyak RM10,195 untuk memasukkan data projek di dalam sistem ED.	Berdasarkan laporan oleh Jawatankuasa Siasatan yang ditubuhkan pada 19 Mei 2011, KKM sedang dalam proses mengenakan tindakan tatatertib ke atas pegawai yang dikenal pasti terlibat. Bagaimanapun, tiada tindakan lanjut diteruskan kerana pegawai berkenaan telah bersara.
6	Pegawai Penguasa Projek telah mewakilkan kuasa kepada Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan. Bagaimanapun, Wakil Pegawai Penguasa telah mengeluarkan Surat Perwakilan Kuasa kepada 12 arkitek dan juruukur bahan bagi mewakilkan tugasnya iaitu bertentangan dengan Panduan Pentadbiran Kontrak yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya.	Berdasarkan laporan oleh Jawatankuasa Siasatan yang ditubuhkan pada 19 Mei 2011, KKM sedang dalam proses mengenakan tindakan tatatertib ke atas pegawai yang dikenal pasti terlibat.

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
7	Bayaran berjumlah RM99,304 telah dibuat bagi 27 butiran kerja yang tidak dilaksanakan di 17 KD2G di Johor dan Perak. Bayaran tersebut telah dijelaskan berdasarkan perakuan siap kerja yang disediakan perunding dan Wakil Pegawai Penguasa.	Berdasarkan laporan oleh Jawatankuasa Siasatan yang ditubuhkan pada 19 Mei 2011, KKM sedang dalam proses mengenakan tindakan tatatertib ke atas pegawai yang dikenal pasti terlibat.
72.7.4. Pembangunan Semula Hospital Queen Elizabeth, Sabah		
1	Pembinaan Bangunan Jabatan Radiologi dijadualkan siap pada 27 Jun 2010 tetapi hanya disiapkan pada 7 Julai 2010 iaitu lewat 10 hari. Bagaimanapun, CNC tidak dikeluarkan dan LAD berjumlah RM18,240 tidak dikenakan.	Berdasarkan laporan siasatan oleh Jawatankuasa Siasatan yang ditubuhkan pada 19 Mei 2011, KKM sedang dalam proses mengenakan tindakan tatatertib atau/dan surcaj ke atas dua orang pegawai yang dikenal pasti terlibat dan dalam tindakan Kementerian Kewangan Malaysia.
2	Kerja-kerja Naik Taraf Dan Pengubahsuaian 6 ICU dan 2 Wad Isolation serta Kerja-kerja Pemasangan Paip Gas Di Bangunan Lama HQE perlu disiapkan pada 27 Januari 2010 tetapi hanya disiapkan pada 27 Februari 2010 iaitu lewat 30 hari. Bagaimanapun CNC tidak dikeluarkan dan LAD berjumlah RM15,504 tidak dikenakan.	Berdasarkan laporan siasatan oleh Jawatankuasa Siasatan yang ditubuhkan pada 19 Mei 2011, KKM sedang dalam proses mengenakan tindakan tatatertib atau/dan surcaj ke atas dua orang pegawai yang dikenal pasti terlibat dan dalam tindakan Kementerian Kewangan Malaysia.
3	Menteri Kesihatan pada 5 Mei 2008 telah menurunkan kuasa kepada Pengarah JKNS untuk menandatangani SST bernilai sehingga RM1 juta. Bagaimanapun, didapati Pengarah JKNS telah menandatangani SST bernilai RM1.30 juta hingga RM12 juta setiap satu bagi 4 kontrak darurat yang ditawarkan kepada Imej Warisan Sdn. Bhd.	Berdasarkan penemuan Jawatankuasa Siasatan, Kementerian Kesihatan Malaysia pada 29 Mac 2012 telah mencadangkan kepada JPA supaya pegawai terlibat dikenakan tindakan tatatertib tetapi keputusan berkaitan masih belum diperolehi.
4	Mengikut klausa kontrak bagi kerja-kerja di bawah Projek Darurat, Pengarah JKNS adalah Pengarah Projek bagi tujuan penyeliaan dan arahan keseluruhan kerja. Bagaimanapun, pada 3 September 2009, Timbalan Pengarah JKNS telah melantik Ketua Unit Kejuruteraan, Bahagian Operasi JKNS sebagai wakil Pengarah Projek dan ini adalah bertentangan dengan klausa berkenaan.	Berdasarkan laporan siasatan oleh Jawatankuasa Siasatan yang ditubuhkan pada 19 Mei 2011, Kementerian sedang dalam proses mengenakan tindakan tatatertib ke atas pegawai yang dikenal pasti terlibat tetapi keputusan berkaitan masih belum diperolehi daripada JPA.
5	Klausa kontrak tidak dikuatkuasakan kerana Kerajaan pada 21 Oktober 2009 telah membayar penuh harga pembelian bangunan SMC walaupun Bon Pelaksanaan tidak dikemukakan oleh SMCSB dan dengan itu SMCSB tidak terikat untuk membaiki peralatan yang rosak. Akibatnya, terdapat 41 peralatan bernilai melebihi RM3.81 juta tidak berfungsi/rosak.	Berdasarkan laporan siasatan oleh Jawatankuasa Siasatan yang ditubuhkan pada 19 Mei 2011, Wang jaminan sebenarnya telah dikemukakan oleh SMCSB pada 28 September 2009 dalam bentuk Bank Gerenti yang dikeluarkan oleh HSBC Bank berjumlah RM7 juta dan berkuat kuasa dari 15 September 2009 hingga 14 Mac 2010. Bagaimanapun, Kementerian sedang dalam proses mengenakan tindakan tatatertib atau/dan surcaj ke atas 3 orang pegawai yang dikenal pasti gagal menyemak dan mendaftar dengan teliti peralatan-peralatan yang rosak milik SMCSB yang sepatutnya dibaikpulih/diselenggara terlebih dahulu sebelum dipindah milik kepada KKM dan sedang dalam tindakan Kementerian Kewangan Malaysia.
6	Keputusan muktamad mengenai caj atau bayaran yang patut dikenakan kepada pihak SMCSB kerana menggunakan perkhidmatan Kementerian masih belum dibuat. Selain itu, rekod penggunaan kemudahan berkaitan juga tidak disediakan.	Satu Jawatankuasa Rundingan Harga Bayaran Perkhidmatan telah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian pada 25 Februari 2011 dan beberapa mesyuarat rundingan harga telah diadakan. Kementerian sedang menyediakan kertas permohonan untuk diangkat kepada Ketua Setiausaha sebelum dikemukakan kepada Kementerian Kewangan.
72.7.5. Perolehan Perkhidmatan Next Generation Communication System		
1	*Server Acceptance Test* (SAT) lewat dilaksanakan oleh kontraktor di semua lokasi antara 6 hingga 102 minggu dari tarikh sepatutnya.	KKM telah mengeluarkan surat tuntutan bertarikh 27 Oktober 2011 bagi mengenakan denda sebanyak RM2.19 juta kepada kontraktor di atas kelewatan menyerahkan peralatan. Bagaimanapun, denda kelewatan masih belum dijelaskan oleh kontraktor.
2	Kontraktor telah memohon lanjutan masa pada bulan Jun 2008, namun tiada bukti menunjukkan kelulusan diberikan oleh Kementerian. Berdasarkan perkiraan Audit, denda RM2.21 juta sepatutnya dikenakan kepada kontraktor kerana kelewatan tersebut.	

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
3	977 unit *IP Phone* di 8 hospital/institut masih belum dipasang sungguhpun bekalan telah dihantar ke hospital/institut.	KKM telah melaksanakan semakan semula dan mendapati *IP Phone* masih belum dipasang dan digunakan di hospital/institusi disebabkan kekurangan infrastruktur seperti *network port* dan komputer di hospital/institut tersebut.
4	SAT telah disahkan di semua hospital/institut, namun NGCS hanya berfungsi sepenuhnya di 3 lokasi iaitu Hospital Ampang, Institut Kesihatan Umum dan Institut Pengurusan Kesihatan dan tidak dapat berfungsi sepenuhnya di 10 hospital/institut kerana infrastruktur rangkaian sedia ada perlu dinaiktarafkan terlebih dahulu serta terdapat peralatan yang belum dipasang/bekal. Ini menyebabkan 3,631 (37.8%) lesen daripada 9,610 lesen tidak dapat digunakan.	NGCS adalah satu sistem komunikasi yang bergantung kepada keupayaan infrastruktur rangkaian ICT di sesuatu lokasi bagi memastikan sistem ini dapat berfungsi dengan sepenuhnya. Kekurangan infrastruktur di beberapa hospital dan institusi seperti kekurangan *network port* dan komputer telah menyebabkan lesen yang dibekalkan tidak dapat digunakan sepenuhnya.
5	20 unit *Uninterruptible Power Supply* (UPS) bernilai RM28,760 yang dibekalkan ke Hospital Serdang (9 unit) dan Hospital Sungai Buloh (11 unit) tidak digunakan kerana kontraktor telah menggunakan UPS sedia ada. Bagi mengelakkan pembaziran, Kementerian perlu mengambil tindakan mengagihkan UPS tersebut ke hospital lain yang memerlukan.	KKM sedang mengenal pasti hospital/institusi yang mempunyai keperluan bagi peralatan UPS ini untuk diagihkan.
	72.7.6. Perolehan Peralatan Perubatan Dan Bukan Perubatan	
1	Pembayaran telah dibuat sepenuhnya bagi 11 peralatan yang diterima walaupun pentauliahan dan pengujian belum dijalankan. Antara sebab berlakunya perkara ini ialah kurangnya *communication and coordination* antara bahagian di Kementerian.	Berdasarkan laporan siasatan oleh Jawatankuasa Siasatan yang ditubuhkan pada 19 Mei 2011, Kementerian sedang dalam proses mengenakan tindakan tatatertib ke atas lima orang pegawai yang dikenal pasti terlibat iaitu: • 4 orang pegawai - dalam tindakan Unit Tatatertib, KKM • Seorang pegawai - dalam tindakan JPA
2	Peralatan tidak dibekalkan dengan lengkap mengakibatkan ia tidak berfungsi dengan sempurna/ tidak boleh digunakan. Selain itu, pembayaran berjumlah RM43,200 telah dibuat sebelum peralatan dibekalkan/belum dibekalkan sepenuhnya.	Berdasarkan laporan siasatan oleh Jawatankuasa Siasatan yang ditubuhkan pada 19 Mei 2011, Kementerian sedang dalam proses mengenakan tindakan tatatertib atau/dan surcaj ke atas empat orang pegawai yang dikenal pasti terlibat iaitu: • 3 orang pegawai - dalam tindakan Unit Tatatertib, KKM • Seorang pegawai - dalam tindakan JPA
72.8.	**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**	
	72.8.1. JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN ***- Pengurusan Program Sistem Dual Nasional***	
1	Yuran perkhidmatan latihan RM200 bagi setiap perantis akan dibayar kepada syarikat IKS yang menyertai program SLDN sepanjang tempoh perantis menjalani latihan di syarikat mereka. Terdapat pembayaran 2 kali kepada 3 syarikat di Wilayah Tengah dan 3 syarikat di Wilayah Sabah melibatkan lebihan bayaran RM119,000.	JPK telah mengambil tindakan untuk meningkatkan tahap kawalan dalaman bagi memastikan tuntutan bagi bulan yang sama tidak diperakui lebih daripada sekali. Sehubungan ini, sejumlah RM26,100 daripada RM119,000 telah berjaya dikutip semula.
72.9.	**KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN**	
	72.9.1. PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA ***- Projek Pembangunan Bangunan Tambahan***	
1	Bangunan tambahan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah diduduki dan beroperasi sejak bulan Ogos 2010 tanpa Perakuan Menduduki Bangunan (CFO). PNM telah berpindah ke bangunan tambahan dengan segera kerana perjanjian penyewaan untuk ruang pejabat di Menara TH Selborn tamat pada 31 Julai 2010.	Peruntukan RM3.8 juta telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Kedua (2012-2013) RMKe-10 bagi tujuan bayaran akhir projek dan bayaran wang Sumbangan Kapital kepada IWK pada 10 November 2011. Bagaimanapun, CFO masih belum dikeluarkan kerana IWK tidak setuju dengan bayaran Sumbangan Kapital berjumlah RM360,000 (1% daripada kos kontrak projek) sedangkan jumlah yang dituntut adalah RM760,000 (1% daripada kos tanah). Isu ini sedang dalam perbincangan bersama antara JKR, ICU dan pihak IWK. CFO hanya boleh diperolehi setelah bayaran IWK diselesaikan.

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
2	Komponen dan peralatan bilik *stack* perpustakaan berjumlah RM5 juta (untuk menyimpan stok buku perpustakaan) tidak dimasukkan dalam spesifikasi kontrak kerana kekurangan peruntukan. Ruang untuk memasang komponen bilik *stack* setinggi 6 tingkat telah disediakan dalam bangunan PNM.	Permohonan peruntukan yang dibuat melalui *Rolling Plan* pertama bertarikh 6 Januari 2010 dan *Rolling Plan* kedua bertarikh 10 November 2011 tidak diluluskan. Bagaimanapun, PNM telah mengangkat semula permohonan peruntukan RM7 juta di bawah *Rolling Plan* ketiga (2013-2014) RMKe-10 kepada Kementerian pada penghujung bulan Mei 2012.
72.10. KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI		
72.10.1. Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi Swasta		
1	Akta 555 tidak memperuntukkan dengan jelas mengenai tempoh yang diberikan kepada IPTS untuk mengemukakan permohonan permit mengajar selepas seseorang dilantik sebagai guru/pengajar. Justeru itu, Kementerian memaklumkan akan meminda Akta 555 untuk memperjelaskan tentang Seksyen 51 (berkaitan permit mengajar).	Draf akhir akta telah siap dan akan dibentangkan kepada YB Menteri Pengajian Tinggi pada bulan Jun 2012.
72.11. KEMENTERIAN PERTAHANAN		
72.11.1. Pengurusan Askar Wataniah		
1	Di Batalion 3, Rejimen 502, Sabak Bernam latihan dijalankan di dewan yang terbuka; Batalion 2, Rejimen 502, Shah Alam dan Batalion 1, Rejimen 507, Kota Belud menggunakan garaj kenderaan untuk sesi pembelajarannya. Manakala Kompeni C, Batalion 1, Rejimen 507, Kudat menjalankan sesi pembelajaran di Astaka Stadium**;** Batalion 3, Rejimen 507, Kota Kinabalu menggunakan bangunan lama yang usang serta sempit. Latihan di Kompeni B, Batalion 1, Rejimen 507, Kota Marudu dijalankan di bangunan lama dan uzur yang dipinjam dari Pejabat Tanah dan Jajahan, Kota Marudu serta sering dinaiki air apabila musim hujan dan anggota terpaksa dikerah untuk membersihkan bangunan ini. Bagi menjalankan latihan kawad, Batalion 2, Rejimen 502, Shah Alam menggunakan jalan raya dalam kawasan kem dan latihan dilaksanakan di jalan raya luar kawasan kem di Batalion 2, Rejimen 507, Kota Kinabalu.	Latihan dalam kelas dan syarahan di Batalion 2, Rejimen 502, Shah Alam masih dijalankan di kawasan terbuka, latihan kawad masih dilaksanakan di jalan raya. Manakala penyediaan kemudahan bilik syarahan di Kompeni C, Batalion 1, Kudat masih belum dilaksanakan.
2	Mulai bulan Ogos 2008, 6 bangunan penginapan di Batalion 1, Rejimen 507, Kota Belud yang boleh digunakan semasa Latihan Berterusan dan Kem Tahunan telah diambil alih oleh Majlis Keselamatan Negara sebagai Pusat Tahanan Sementara Kota Belud. Ini menyebabkan anggota Askar Wataniah terpaksa menggunakan bangunan yang uzur dan kurang memuaskan sebagai tempat penginapan. Bangunan penginapan ini juga tidak disenggara dengan baik menyebabkan bekalan air dan elektrik sering terganggu.	Peruntukan untuk menyelenggarakan bangunan-bangunan tersebut secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2012 telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pembangunan Tentera Darat yang berjumlah RM325,000.
3	Tangki air di blok penginapan lelaki Rejimen 515, Wangsa Keramat bocor menyebabkan dinding bangunan ini ditumbuhi kulat; siling tandas rosak; bekalan elektrik terganggu dan *lift* tidak berfungsi. Selain itu, masalah paip bocor mengakibatkan takungan air di lantai koridor dan berlaku resapan di dinding blok penginapan tersebut.	Pasukan telah membuat permohonan untuk kerja-kerja pembaikan pada tahun 2011, tetapi peruntukan kewangan masih belum diluluskan.
4	Surau Batalion 1, Rejimen 507, Kota Belud adalah sempit dan usang. Selain itu, kawasan kem tersebut tidak berpagar dan hanya terdapat pintu pagar. Keadaan ini boleh mengundang bahaya kepada anggota Askar Wataniah kerana boleh diceroboh oleh pihak luar.	Surau yang sempit dan usang serta kem yang tidak berpagar turut dimasukkan ke dalam projek *Army Care*.
5	Ruang dapur Batalion 2, Rejimen 502, Shah Alam hanya dibina di hujung bangunan serbaguna (hanger) dan keadaannya sempit serta tidak selesa.	Pasukan telah memohon peruntukan kewangan untuk kerja-kerja pembaikan tetapi masih belum diluluskan kerana pelaksanaannya tertakluk kepada keutamaan.

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
6	Stor Batalion 3, Rejimen 502, Sabak Bernam terlalu usang, ruang terhad dan dipenuhi dengan sarang anai-anai. Keadaan stor yang uzur memerlukan pembinaan bangunan baru dengan kadar segera bagi mengelakkan bangunan stor runtuh dan menyebabkan kerosakan barang-barang di stor.	Pasukan telah memohon peruntukan kewangan untuk menyelesaikan masalah stor usang, ruang yang terhad dan anai-anai, tetapi masih belum diluluskan.
7	Rejimen 507, Sabah tidak mengemukakan 3 baucar bayaran berjumlah RM252,027 dan pengesahan tidak dapat dilakukan sama ada baucar bayaran tersebut telah disedia, dilulus dan dibayar mengikut peraturan dan undang-undang yang ditetapkan dan masih berkuat kuasa.	Bahagian Pasukan Simpanan memaklumkan bahawa baucar tersebut masih dalam siasatan *Board Of Inquiry*.
	72.11.2. Projek Pembinaan Kem Muara Tuang Di Kuching, Sarawak	
1	Memandangkan kesukaran untuk mendapatkan kawasan gantian untuk pembinaan jalan kampung berkenaan, kontraktor terpaksa membuat pagar sempadan sementara yang tidak mengikut had sempadan seperti di surat hak milik.	Unit Pengurusan Tanah dan Unit Darat, Bahagian Pembangunan, Kementerian telah mencadangkan supaya tanah seluas 0.3 ekar yang telah dijadikan jalan kampung dan berada di luar kawasan kem diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak mengikut peraturan yang sedia ada.
2	Projek perumahan awam sedang dibina oleh Borneo Development Corporation berdekatan dengan pagar sempadan tapak Kem Muara Tuang. Semasa melaksanakan pembinaan projek perumahan ini, kontraktor berkenaan telah membina dan menambak tanah menggunakan tembok penahan bersebelahan dengan pagar kem dan jarak antara tembok penahan ini dengan pagar sempadan adalah kurang satu kaki. Ini membuka ruang berlakunya pencerobohan. Pembinaan tembok ini juga melibatkan pemasangan saluran limpahan air. Saluran ini telah dihalakan ke dalam kawasan kem dan air yang disalurkan akan diserap terus ke kawasan ini. Aliran air daripada saluran limpahan telah menyebabkan sebahagian *jeep track* yang dibina berdekatan dengan pagar berkenaan rosak.	Kementerian melalui Unit Pengurusan Tanah, Bahagian Pembangunan telah membuat aduan rasmi kepada Pejabat Tanah Dan Survei Kota Samarahan, Sarawak berhubung dengan perkara ini. Bagaimanapun, tiada tindakan daripada pihak terlibat walaupun beberapa siri mesyuarat telah diadakan.
	72.11.3. Penggunaan Dan Penyenggaraan Kenderaan Khas Udara TUDM (AGSV)	
1	Penggantian AGSV yang melebihi had umur ekonomi sama ada secara perolehan atau sewaan supaya tahap boleh guna kenderaan menepati 70% seperti yang telah ditetapkan dan tidak mengganggu operasi harian di pangkalan.	Markas Logistik Udara telah mengenal pasti AGSV dari semua kategori yang telah melebihi had umur ekonomi dan senarai itu telah dimajukan kepada Bahagian Bantuan Operasi Udara pada 15 Mac 2012 untuk tindakan seterusnya**.**
	72.12. KEMENTERIAN KEWANGAN	
	72.12.1. PERBENDAHARAAN MALAYSIA ***- Pengurusan Pinjaman Luar Negeri (Projek)***	
1	Mengikut perjanjian antara Kerajaan Negeri Johor, Syarikat Air Johor Holdings Sdn. Bhd. dan Pengurusan Aset Air Bhd. (PAAB), pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek bekalan air Johor akan diambil alih oleh PAAB. Proses pengambilalihan tersebut masih belum selesai kerana baki pinjaman belum dimuktamadkan.	Kementerian Kewangan mengesahkan berlaku kelewatan dalam proses mengambil alih pinjaman bekalan air Negeri Johor. Mesyuarat pada 8 Jun 2011 telah memutuskan supaya Kerajaan Negeri Johor dan SAJ Holdings Sdn. Bhd. mengadakan perbincangan bagi mempercepatkan proses pengambilalihan pinjaman ini. Mengikut Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, sehingga 31 Disember 2011, pinjaman bekalan air daripada sumber luar negeri masih belum diambil alih oleh PAAB.
	72.13. KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	
	72.13.1. Projek Perumahan Rakyat Kg. Kiansom, Inanam Dan Bukit Padang, Kota Kinabalu, Sabah	
1	Akibat kegagalan kontraktor asal menyiapkan Projek Perumahan Rakyat Kg. Kiansom, Inanam, Sabah dan pelantikan kontraktor penyelamat, kos projek telah meningkat sebanyak RM20.52 juta (34.04%) iaitu daripada RM57.95 juta kepada RM78.47 juta.	Pihak Kementerian telah menuntut kos kerugian berjumlah RM34.07 juta daripada kontraktor asal. Bagaimanapun, kos kerugian masih belum dijelaskan oleh kontraktor.

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
2	Berdasarkan klausa perjanjian jual beli bagi Projek Perumahan Rakyat Bukit Padang, pihak pemaju boleh dikenakan *Liquidated And Ascertained Damages* sekiranya lewat menyerahkan rumah pangsa yang dibeli. Mengikut perkiraan Audit, pihak pemaju boleh dikenakan denda sebanyak RM9.86 juta untuk tempoh kelewatan 777 hari. Pihak Audit mendapati pemaju telah dikenakan tindakan penggulungan oleh Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu pada 28 Januari 2010.	Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian telah mengeluarkan surat penamatan perjanjian pada 7 April 2011 dan merampas Bon Pelaksanaan berjumlah RM2.32 juta. Tender bagi melantik kontraktor penyiap telah ditutup pada 3 Februari 2012 dan kini dalam proses penilaian dan tindakan akan diambil berdasarkan hasil maklumat yang diperolehi daripada *Value Management* yang telah dilaksanakan.
72.14. PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN		
	72.14.1. Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	
1	Kelewatan dalam menyiapkan pengubahsuaian bangunan *Super Critical Fluid* (SCF) ini mengakibatkan beberapa perkara seperti berikut: - Kemudahan dan peralatan teknologi SCF dengan kos RM5.85 juta belum digunakan untuk tujuan penyelidikan walaupun bekalannya telah diterima sepenuhnya pada Jun 2010. - Kelewatan pemasangan peralatan SCF telah menyebabkan pembangunan dan penghasilan 4 produk yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pemandu tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.	Memandangkan masih terdapat kecacatan pembuatan iaitu dari segi kimpalan dan kesan karat pada *extractor* yang diimport dari China, kontraktor yang berkaitan diarah untuk mengambil tindakan membaik pulih. Setelah ujian hidrostatik ke atas peralatan SCF dilakukan dan kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) serta *Site Acceptance Test* (SAT) diperolehi, barulah penghasilan 4 produk dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia boleh dilakukan. Peralatan SCF ini dijangka boleh digunakan pada bulan Disember 2012.
2	Perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan oleh 22 makmal/unit penyelidikan BNP kurang mendapat sambutan daripada syarikat BioNexus. Hanya 5 daripada 22 makmal/unit penyelidikan digunakan oleh syarikat tersebut. Bagaimanapun, kesemua 22 makmal/unit penyelidikan digunakan juga oleh syarikat bioteknologi yang lain.	Terdapat peningkatan dalam penggunaan perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan oleh makmal/unit penyelidikan BNP di mana 12 daripada 22 makmal/unit penyelidikan tersebut digunakan oleh syarikat BioNexus. Bagaimanapun, kadar penggunaan baki 10 makmal penyelidikan tersebut masih rendah.
3	Penyelenggaraan rekod/dokumen berkaitan urusan BNP di 6 daripada 22 makmal/unit penyelidikan adalah tidak teratur. Unit *Monitoring & Compliance* (M&C) dan Unit *Shared Facilities* bercadang untuk membuat lawatan penilaian dalam tempoh masa 3 hingga 6 minggu dan setiap 6 bulan bagi memastikan Buku Log serta rekod/dokumen diselenggarakan. Bagi makmal/unit penyelidikan yang tidak mematuhi peraturan tersebut, Unit M&C akan mengeluarkan laporan bagi makmal/unit penyelidikan dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Kelulusan Program (PAC) untuk tindakan selanjutnya.	Lawatan penilaian telah dibuat ke atas 3 daripada 6 makmal/unit penyelidikan. Manakala bagi 3 lagi makmal/unit penyelidikan iaitu *LC/MS Metabolic Laboratory*, USM: *Proteomics and Drug Discovery Laboratory*, USM dan BioMedical Analysis Unit, USM, lawatan penilaian hanya akan dibuat 6 bulan selepas geran BNP diagihkan kepada makmal/unit penyelidikan. Ianya tertakluk kepada *Standard Operating Procedures* bagi *BioNexus Partners (BNP) Compliance Review and Grants Application Process Description* yang telah mendapat taraf MS ISO 9001:2008.
	72.14.2. Astronautic Technology Sdn. Bhd.	
1	Setakat bulan Disember 2010, ATSB masih belum menyelenggarakan Daftar Aset. Senarai Aset tahun 2008 berjumlah RM0.90 juta dan tahun 2009 berjumlah RM3.48 juta tidak lengkap kerana tiada maklumat lokasi. Nombor pendaftaran tidak dilabelkan pada aset manakala verifikasi dan pelupusan aset rosak tidak pernah dilaksanakan sejak penubuhan ATSB. Selain itu, aset yang rosak masih disimpan di ruang pejabat menyebabkan pembaziran kos pegangan aset.	ATSB masih dalam peringkat pemadanan (matching) antara Daftar Aset Tetap yang disediakan dengan rekod. Pemeriksaan aset telah dilaksanakan pada bulan Jun 2011 tetapi masih tidak meliputi keseluruhan aset. Pelabelan aset baru dan pelupusan aset usang masih dalam proses.
	72.14.3. IJN College Sdn. Bhd.	
1	IJNC perlu segera memuktamadkan *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi aktiviti utamanya dan mendapat kelulusan Lembaga Pengarah supaya pengurusan aktiviti dapat dibuat dengan lebih teratur dan konsisten. Selain itu, satu pelan yang komprehensif perlu dirangka bagi memastikan laporan yang disediakan oleh konsultan digunakan secara optimum agar tidak berlaku pembaziran wang.	SOP bagi aktiviti utamanya masih belum disediakan.

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	72.14.4. Pengurusan Amanah Raya Berhad	
1	Dua buah bangunan kilang 3 tingkat yang dibeli pada tahun 2003 dengan harga berjumlah RM1.34 juta tidak digunakan secara optimum.	Bangunan kilang hanya digunakan sebagai stor penyimpanan fail-fail ARB. Namun bangunan tersebut akan dijual sekiranya ARB mendapat tawaran harga jualan yang wajar.
2	Set peralatan pejabat dan 5 *workstation* di ARB Cawangan Kota Bharu tidak digunakan.	Aset di Cawangan Kota Bharu masih belum digunakan.
3	Enam aset antaranya projektor dan kamera bernilai RM44,772 tidak dapat dikesan.	ARB masih dalam proses pengesanan dan pelupusan aset.
4	Aset usang iaitu peralatan pejabat dan 2 aset bernilai RM15,004 belum dilupuskan.	Hanya satu aset iaitu set karaoke yang telah dilupuskan.

73. TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI BERKAITAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
73.1.	**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**	
	73.1.1. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin	
1	Terdapat aduan mengenai kes kehilangan wang bantuan di sekolah yang membuat pengagihan secara tunai. Kehilangan tersebut berlaku sama ada kerana dirompak semasa wang dikeluarkan dari bank atau diselewengkan. Terdapat 5 kes kehilangan yang masih belum diselesaikan setakat 31 Disember 2010.	SK Lubuk Mawang masih menunggu maklumat lengkap Kementerian dan kes akan dibawa kepada Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan I. Manakala bagi kes SK Oyan Tengah pula, siasatan mendapati hanya RM350 gagal diserah kepada pelajar dan kes ini akan dibawa kepada Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan 2 untuk penentuan kes *prima facie* yang dijadualkan pada bulan Jun 2012.
73.2.	**KEMENTERIAN PERTAHANAN**	
	73.2.1. Pengurusan Pajakan Premis Kepada Perbadanan Perwira Niaga (PERNAMA)	
1	Bayaran pajakan berjumlah RM8,172 sebulan telah dibayar kepada Kementerian untuk 10 premis yang dipajak oleh PERNAMA. Bagaimanapun, PERNAMA telah mengutip sewa daripada pihak ketiga berjumlah RM53,560 sebulan iaitu 6.5 kali ganda lebih tinggi daripada jumlah yang dibayar kepada Kementerian Pertahanan.	Keputusan muktamad belum dibuat mengenai penyewaan semula kepada pihak ketiga bangunan Kementerian Pertahanan yang dipajak oleh PERNAMA. PERNAMA memaklumkan bahawa *"sub-letting is the nature of their business".*
73.3.	**PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**	
	73.3.1. MIMOS Berhad	
1	Setelah teknologi dipindahkan, syarikat penerima teknologi bertanggungjawab bagi membangunkan produk hasil pemindahan teknologi dan menjalankan aktiviti pengkomersialan dan perniagaan. MIMOS dari semasa ke semasa memberi kerjasama kepakaran bagi memastikan syarikat berkenaan berada pada landasan yang membolehkan ia berdikari dengan bantuan dananya sendiri. Setakat bulan Disember 2009, sebanyak 13 daripada 16 syarikat tempatan yang menerima pemindahan teknologi MIMOS belum menandatangani kontrak manakala 2 syarikat lagi sedang dalam proses mewujudkan jalinan perniagaan bersama pihak ketiga.	Syarikat Frontier Novatur Sdn. Bhd. (FNSB) masih belum menandatangani kontrak untuk tujuan pengkomersialan. Bagaimanapun, mengikut perancangan yang telah dibentangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah MIMOS Berhad pada 1 Jun 2012, berkuat kuasa 1 Ogos 2012, FNSB akan mengambil alih peranan MIMOS untuk memasarkan teknologi MIMOS dengan syarikat-syarikat penerima teknologi. Selain daripada usaha pengkomersialan melalui FNSB, mulai tahun 2010 MIMOS juga secara langsung telah merealisasikan penggunaan teknologinya di beberapa kementerian, syarikat kerajaan, jabatan dan agensi Kerajaan.

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	73.3.2. Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)	
1	Kontrak penyewaan tanah KTMB dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan telah tamat dan ia menyebabkan KTMB tidak dapat memungut hutang tertunggak. Masalah tunggakan hutang ini timbul disebabkan KTMB tidak mempunyai hak di bawah Akta Keretapi 1991 untuk menyewa dan mengutip hasil penyewaan tanah dan membolehkan KTMB mengambil tindakan undang-undang. Kementerian Pengangkutan pada 8 April 2010 telah memutuskan bahawa Perbadanan Aset Keretapi (PAK) ialah pemegang hak (custodian) kepada kesemua tanah KTMB berdasarkan Akta Keretapi 1991. PAK akan mentadbir urus tanah termasuk kutipan sewa. Pihak KTMB sedang berurusan dengan PAK dari segi penyerahan dokumentasi dan maklumat penyewa. Apabila perkara ini selesai dilaksanakan, kesemua tanah KTMB akan ditadbir dan diselenggarakan oleh PAK dan bertanggungjawab mengutip tunggakan sewa tersebut.	Beberapa siri mesyuarat di antara Kementerian Pengangkutan, PAK dan KTMB telah diadakan pada tahun 2011 dan 2012 untuk membincangkan mengenai penyerahan penyewaan dan pajakan tanah-tanah KTMB kepada PAK. PAK telah mula mengambil alih pengurusan tanah-tanah KTMB bermula 1 Januari 2012. PAK dan KTMB telah memaklumkan kepada penyewa-penyewa tanah tersebut mengenai pengambilalihan ini secara rasmi melalui surat.
2	KTMB telah menyediakan draf baru Perjanjian Kemudahan Kredit (Kargo) dengan memasukkan klausa caj faedah. Bagaimanapun, ianya masih lagi dalam perbincangan dan belum dimuktamadkan. Selain itu, tindakan undang-undang telah dan sedang diambil oleh KTMB ke atas beberapa penghutang perkhidmatan kargo.	Draf baru Perjanjian Kemudahan Kredit (Kargo) masih belum dimuktamadkan. Kebanyakan pelanggan tidak bersetuju dan tidak mahu menandatangani disebabkan terma draf baru perjanjian yang memasukkan pengenaan caj lewat bayar sebanyak 1.5%. Bagaimanapun, pihak Pengurusan KTMB masih mahu mengekalkan terma tersebut sebagai polisi kemudahan kredit perkhidmatan kargo. Tindakan undang-undang telah diambil oleh KTMB ke atas beberapa penghutang perkhidmatan kargo. Namun, terdapat satu tindakan undang-undang yang diambil kepada salah satu pelanggan perkhidmatan kargo dibatalkan kerana KTMB kekurangan dokumen yang berkaitan untuk mendapatkan tindakan mahkamah. Bagaimanapun, pelanggan ini telah membayar RM25,000 sebulan bagi mengurangkan jumlah hutang yang tertunggak.
	73.3.3. Technology Park Malaysia Sdn. Bhd.	
1	Penubuhan syarikat subsidiari dan pemindahan aktiviti TPMC kepada syarikat subsidiarinya telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah pada 16 Disember 2010. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada penubuhan syarikat subsidiari dan pemindahan aktiviti utamanya itu telah mendapat persetujuan Kementerian Kewangan kerana dokumen berkaitannya tidak dikemukakan untuk pengauditan.	Persetujuan Kementerian Kewangan masih belum diperolehi.

PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan program/aktiviti/projek. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya masih ada beberapa kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan sesuatu program/aktiviti/ projek dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, diberikan beberapa cadangan bagi mengelakkan kelemahan-kelemahan ini daripada berulang:

a. Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada pensampelan dan skop tertentu, Ketua Setiausaha Kementerian/ Ketua Jabatan/Ketua Eksekutif perlu menjalankan pemeriksaan secara menyeluruh untuk menentukan sama ada aktiviti lain juga mempunyai kelemahan yang sama dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Sehubungan ini, Unit Audit Dalam selain daripada menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, perlu juga diminta menjalankan pengauditan prestasi terhadap pengurusan program/aktiviti/projek untuk menentukan sejauh mana program/aktiviti/projek dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan.

b. Berdasarkan pengauditan yang dijalankan, adalah didapati beberapa kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti/projek yang berpunca daripada kurang pemantauan/ penyeliaan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan, kurang kepakaran teknikal dan bergantung sepenuhnya kepada perunding/kontraktor, ketiadaan penyelarasan antara agensi yang terlibat serta masalah dalaman yang dihadapi oleh kontraktor. Kelemahan ini menyebabkan program/aktiviti/projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, kualiti kerja tidak memuaskan, kos program/aktiviti/projek meningkat dan Kerajaan tidak mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang telah dibuat. Objektif pelaksanaan program/aktiviti/projek juga tidak dapat dicapai sepenuhnya dan tidak memberi impak kepada kumpulan sasaran. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya:

    i. Pelaksanaan projek Kerajaan secara *design and build* dikaji semula memandangkan pelaksanaan projek seumpama ini melibatkan kos yang lebih tinggi berbanding dengan projek secara konvensional. Sehubungan ini, adalah dicadangkan supaya hanya projek yang kompleks dan memerlukan kepakaran tertentu sahaja dibenar menggunakan kaedah *design and build*. Kementerian Kewangan dikehendaki mengeluarkan garis panduan pelaksanaan projek secara *design and build.* Selain itu, bagi menjamin kepentingan Kerajaan, perunding bagi projek secara *design and build* perlu dilantik oleh Kerajaan.

    ii. Kajian terperinci dijalankan terlebih dahulu terhadap sesuatu projek Kerajaan sebelum ia diluluskan untuk pelaksanaan. Bagi tujuan ini, selaras dengan Arahan Perbendaharaan 182.1, agensi perlu mengemukakan maklumat lengkap seperti kedudukan status tapak projek, ringkasan projek, siling projek, peruntukan tahunan dan jadual pelaksanaan projek kepada jabatan teknik. Langkah ini adalah perlu untuk memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual dan Kerajaan mendapat *value for money.*

iii. *Integrated planning* antara agensi terlibat perlu dilakukan di peringkat awal pelaksanaan projek terutama bagi projek yang besar. Contohnya Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Bekalan Air, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Bomba Dan Penyelamat serta Pihak Berkuasa Tempatan perlu dibawa berunding sebelum sesuatu projek dilaksanakan supaya semua kemudahan asas dapat disediakan dan kelancaran projek tidak terjejas.

iv. Kementerian/Jabatan hendaklah mematuhi Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kecil Piawaian Dan Kos bagi rujukan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara semasa merancang sesuatu perolehan kerja bagi memastikan bangunan yang akan dibina mematuhi standard dan kos yang telah ditetapkan.

v. Bagi membendung masalah program/aktiviti/projek Kerajaan gagal dilaksanakan akibat daripada ketidakupayaan kontraktor sama ada dari segi kewangan atau kepakaran, adalah disyorkan supaya syarikat yang ingin menyertai sesuatu perolehan Kerajaan diminta mengemukakan maklumat mengenai modal berbayar dan kedudukan kewangannya untuk tempoh 3 tahun serta senarai kontrak Kerajaan dan swasta yang sedang dan akan dilaksanakannya. Syarikat juga diminta untuk memaklumkan pengalamannya dalam bidang yang ingin ditawarkannya. Semua maklumat yang dikemukakan ini hendaklah disokong dengan perakuan bersumpah oleh syarikat berkenaan. Maklumat ini perlu dipertimbangkan semasa membuat pemilihan kontraktor.

vi. Berhubung dengan masalah peralatan yang diperolehi tidak digunakan sama ada kerana bangunan belum disiapkan/peralatan tidak sesuai/peralatan dibeli berlebihan/tidak diperlukan, adalah disyorkan perkara berikut:

- Pandangan pengguna hendaklah diambil kira semasa menyediakan spesifikasi kontrak berhubung dengan perolehan peralatan.
- Perolehan peralatan hendaklah diselaraskan dengan kemajuan kerja pembinaan bangunan. Bagi tujuan ini, jadual bekalan peralatan perlu disediakan bagi mengelakkan peralatan yang tidak dapat digunakan terdedah kepada kerosakan dan kecurian serta tempoh waranti tamat sebelum digunakan.

vii. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mempertingkatkan pengurusan aset kerajaan untuk mengelakkan pembaziran dan memandang serius terhadap tugas penyenggaraan, pemantauan dan penyeliaan. Rekod mengenai aset perlulah sentiasa dikemaskini sebagai persiapan Kerajaan Persekutuan ke arah pelaksanaan *accrual accounting* menjelang tahun 2015.

viii. Tindakan yang tegas seperti mengenakan tindakan tatatertib atau surcaj perlu diambil terhadap pegawai yang didapati cuai/gagal melaksanakan tanggungjawabnya tanpa sebab-sebab yang munasabah sehingga menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian.

ix. Tindakan yang tegas juga patut diambil terhadap perunding yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya untuk memantau/menyelia sesuatu program/aktiviti/projek seperti mengenakan penalti/menyenaraihitamkan perunding tersebut daripada terlibat dengan projek Kerajaan yang lain. Sehubungan ini, perjanjian dengan perunding hendaklah memasukkan peruntukan berhubung dengan tindakan yang boleh dikenakan terhadap mereka sekiranya gagal melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

c. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan integriti. Secara tidak langsung, ia akan menyumbang ke arah pencapaian **Program Transformasi Negara** bagi memenuhi slogan **"Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"** serta memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

Jabatan Audit Negara
Putrajaya

25 Julai 2012